

Alkitab
Versi Borneo
Revisi 2018

KEJADIAN

Penciptaan daripada TIADA kepada ADA

1 ¹ Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi. ² Bumi tidak berbentuk dan kosong; kegelapan menyelubungi permukaan samudera, dan Roh Allah melayang-layang di atas permukaan air.

Penciptaan dalam enam hari

³ Berfirmanlah Allah, “Jadilah cahaya.” Lalu terus ada cahaya. ⁴ Allah melihat cahaya itu baik, lalu Dia memisahkan cahaya itu daripada kegelapan. ⁵ Allah menamai cahaya itu siang, dan kegelapan itu dinamai-Nya malam. Maka turut jadilah petang dan juga pagi, itulah satu hari, dan yang pertama.

⁶ Berfirmanlah Allah, “Jadilah cakerawala di tengah-tengah segala air itu untuk memisahkan air daripada air.” ⁷ Maka Allah menjadikan cakerawala lantas memisahkan air yang ada di bawah cakerawala daripada air yang ada di atasnya. Maka terjadilah sedemikian itu. ⁸ Lalu

Allah menamai cakerawala itu langit. Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang kedua.

⁹ Berfirmanlah Allah, “Mengalir dan berkumpullah kesemua air yang di bawah langit di satu tempat, sehingga kelihatan tanah yang kering.” Maka terjadilah sedemikian itu. ¹⁰ Lalu Allah menamai bahagian yang kering itu darat, dan kumpulan air itu dinamai-Nya laut. Allah melihat semua itu baik. ¹¹ Berfirmanlah Allah, “Hendaklah tanah menumbuhkan pelbagai tunas muda, tumbuh-tumbuhan yang berbiji, segala jenis pokok buah-buahan yang menghasilkan buah yang berbiji, supaya jenisnya membiak dan terus bertumbuh di bumi.” Maka terjadilah sedemikian itu. ¹² Maka tanah pun menumbuhkan pelbagai tunas muda, segala jenis tumbuh-tumbuhan yang berbiji dan segala jenis pokok buah-buahan yang menghasilkan buah yang berbiji. Dan Allah melihat semua itu baik. ¹³ Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang ketiga.

¹⁴ Berfirmanlah Allah, “Jadilah penerang-penerang mengisi cakerawala untuk memisahkan siang daripada malam dan jadilah tanda-tanda yang menunjukkan pelbagai musim dan hari serta tahun, ¹⁵ dan jadilah penerang-penerang di cakerawala demi menerangi bumi.” Maka

terjadilah sedemikian itu. ¹⁶ Maka Allah menjadikan dua penerang besar, dengan penerang lebih besar menguasai siang dan yang lebih kecil menguasai malam. Allah juga menjadikan bintang-bintang. ¹⁷ Allah menempatkan kesemua itu di cakerawala untuk menerangi bumi, ¹⁸ dan untuk menguasai siang dan malam, dan juga untuk memisahkan cahaya daripada kegelapan. Dan Allah melihat bahawa semua itu baik. ¹⁹ Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang keempat.

²⁰ Berfirmanlah Allah, “Hendaklah berkeriapan makhluk yang hidup di dalam air, dan hendaklah burung-burung berterbangan di ruang cakerawala di atas bumi.” ²¹ Maka Allah menciptakan pelbagai binatang laut yang besar dan segala jenis hidupan yang bergerak, yang berkeriapan di dalam air, dan segala jenis burung yang bersayap, dan Allah melihat semua itu baik. ²² Lantas Allah memberkati kesemuanya sambil berfirman, “Berkembang biaklah dan penuhilah air di dalam laut, dan hendaklah bertambah banyak burung di bumi.” ²³ Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang kelima.

²⁴ Berfirmanlah Allah, “Hendaklah bumi mengeluarkan segala jenis makhluk yang hidup, ternakan dan binatang melata serta segala jenis binatang liar.” Maka terjadilah sedemikian itu.

²⁵ Allah menjadikan segala jenis binatang liar dan segala jenis ternakan dan segala jenis binatang melata di muka bumi. Dan Allah melihat semua itu baik.

²⁶ Berfirmanlah Allah, “Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambaran^a dan rupa Kita. Mereka akan berkuasa atas ikan-ikan di laut dan atas burung-burung di udara dan atas ternakan dan atas seluruh bumi dan atas segala jenis binatang melata yang merayap di muka bumi.”

²⁷ Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan. ²⁸ Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka, “Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi.” ²⁹ Berfirmanlah Allah, “Lihatlah, Aku memberimu segala tumbuhan yang berbiji

^a**1:26-27** Antara maksud ‘gambaran’ (bahasa Ibrani, tselem) ialah imej peribadi atau citra. Maka rangkai kata, ‘menciptakan manusia menurut gambaran-Nya’ merangkumi maksud manusia diciptakan untuk menyerupai diri Tuhan iaitu sebagai gambaran dan citraan-Nya.

di seluruh bumi dan segala pokok buah-buahan yang berbiji; itulah akan menjadi makananmu. ³⁰ Dan kepada segala binatang di bumi dan segala burung di udara dan segala yang merayap di bumi, yang bernyawa, Kuberikan segala tumbuhan hijau sebagai makanannya.” Maka terjadilah sedemikian itu. ³¹ Maka Allah melihat segala yang Dia jadikan itu, dan kesemuanya sungguh baik. Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang keenam.

Penciptaan manusia lelaki dan perempuan

2 ¹ Demikianlah diselesaikan penciptaan langit dan bumi serta segala isinya. ² Setelah Allah siap menyelesaikan kerja penciptaan-Nya pada hari ketujuh itu, Dia pun beristirahat^b daripada segala pekerjaan yang telah dibuat-Nya itu. ³ Lalu Allah memberkati hari ketujuh itu dan menguduskannya, kerana pada hari itulah Dia beristirahat daripada segala kerja penciptaan yang telah dibuat-Nya itu. ⁴ Demikianlah riwayat langit dan bumi ketika diciptakan.

Pada masa Tuhan Allah menjadikan bumi dan langit ⁵ belum ada rumpun semak dan belukar apa-apa pun di bumi, belum muncul

^b**2:2** Juga membawa erti, ‘berhenti’, juga dalam ayat 3.

tumbuh-tumbuhan apa-apa pun di padang, kerana Tuhan Allah, belum menurunkan hujan ke bumi, dan belum ada orang yang mengusahakan tanah itu, ⁶ tetapi dari bumi ada kabus yang naik ke atas lantas membasahi seluruh permukaan bumi.

⁷ Ketika itulah Tuhan Allah membentuk manusia daripada debu tanah dan menghembuskan nafas hidup ke dalam hidungnya lalu manusia menjadi makhluk yang hidup.

Adam dan Hawa di Taman Eden

⁸ Selanjutnya Tuhan Allah membuat taman di Eden,^c di sebelah timur dan di situlah Dia menempatkan manusia yang dibentuk-Nya itu.

⁹ Lalu dari bumi itu Tuhan Allah menumbuhkan setiap jenis pokok. Ada yang menarik untuk dipandang dan yang baik untuk dimakan buahnya, termasuk juga pokok hayat^d di tengah-tengah taman itu serta pokok pengetahuan^e mengenai perkara yang baik dan yang jahat.

^c**2:8** Eden: Kata ini dlm Bhs Ibr bererti 'kesenangan.'

^d**2:9** Pokok hayat: Jika manusia makan buah pokok ini dia akan hidup terus-menerus (lihat Kej. 3:22).

^e**2:9** Pokok yang mendatangkan kebijaksanaan ilahi yang terlarang bagi manusia (lihat Kej. 3:6,22).

2:7: 1Kor 15:45. **2:9:** Why 2:7; 22:2,14.

¹⁰ Sebuah sungai mengalir dari Eden mengairi taman dan dari situ bercabanglah sungai itu menjadi empat batang sungai. ¹¹ Sungai yang pertama yang bernama Pison itu mengalir mengelilingi seluruh Tanah Hawila di mana terdapat emas. ¹² Emas di situ bermutu baik dan ada juga batu permata damar dan oniks. ¹³ Sungai yang kedua yang bernama Gihon, mengalir mengelilingi seluruh Tanah Kush. ¹⁴ Sungai ketiga yang bernama Tigris pula mengalir di sebelah timur Asyur. Sungai yang keempat ialah Efrat.

¹⁵ Tuhan Allah mengambil manusia itu dan menempatkannya di dalam Taman Eden untuk mengerjakan serta memelihara taman itu.

¹⁶ Lalu Tuhan Allah memberikan perintah kepada manusia itu, firman-Nya, “Engkau bebas memakan daripada kesemua pokok di dalam taman ini; ¹⁷ tetapi jangan engkau makan daripada pokok pengetahuan tentang perkara yang baik dan yang jahat kerana pada hari engkau memakannya, engkau pasti mati.”

¹⁸ Maka Tuhan Allah pun berfirman, “Tidak baik manusia itu bersendirian. Aku akan menjadikan seorang penolong yang sepadan baginya.”

¹⁹ Lalu daripada tanah Tuhan Allah membentuk segala binatang di padang dan segala burung di udara dan membawa semua mergastua itu kepada manusia untuk melihat bagaimana

manusia itu menamai setiapnya. Apa pun nama yang diberikan manusia itu kepada setiap mergastua dan unggas, itulah yang menjadi namanya. ²⁰ Maka manusia itu menamakan segala ternakan, burung-burung di udara, dan segala haiwan di padang, namun begitu, bagi dirinya sendiri manusia itu tiada seorang pun penolong yang sepadan baginya.

²¹ Maka Tuhan Allah membuat manusia itu tertidur dengan lena dan sewaktu itulah Dia mengambil sebatang tulang rusuknya lalu menutup ruang lama tulang itu dengan daging.

²² Daripada tulang rusuk yang diambil-Nya daripada manusia itu Tuhan Allah membentuk seorang perempuan lalu membawanya kepada manusia itu. ²³ Berkatalah manusia itu,

“Ini dia! Tulang daripada tulangku,
dan daging daripada dagingku.

Dia akan dipanggil Perempuan
kerana dia diambil daripada Lelaki.”

²⁴ Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.

²⁵ Kedua-dua manusia dan isterinya itu bertelanjang bulat tetapi mereka tidak berasa malu.

Terjerumuslah manusia ke dalam dosa

3¹ Ular memang lebih licik daripada mana-mana haiwan liar lain yang dijadikan oleh Tuhan Allah. Ular itu berkata kepada perempuan itu, “Adakah Allah benar-benar berfirman, ‘Jangan kamu makan buah daripada mana-mana pun pokok di dalam taman ini?’”

² Perempuan itu berkata kepada ular itu, “Kami boleh memakan buah daripada pokok-pokok di dalam taman ini,³ tetapi dalam hal buah daripada pokok yang berada di tengah-tengah taman ini, Allah berfirman, ‘Janganlah kamu makan buah itu malah jangan kamu menyentuhnya, supaya jangan kamu mati.’ ”

⁴ Berkatalah ular kepada perempuan itu, “Kamu pasti tidak akan mati.⁵ Memang Allah tahu bahawa pada hari kamu memakannya akan terbukalah matamu dan kamu akan seperti Allah yang mengetahui yang baik dan yang jahat.”

⁶ Apabila perempuan itu melihat bahawa buah pokok itu bagus sebagai makanan dan nampak sedap, apatah lagi buah itu mampu membuat seseorang menjadi bijaksana, dia pun mengambilnya lalu memakannya. Dia juga memberikan buah itu kepada suaminya

yang bersama-samanya, dan suaminya juga memakannya. ⁷ Maka terbukalah mata keduanya dan sedarlah mereka bahawa mereka bertelanjang lantas mereka membuat cawat penutup aurat daripada dedaun pokok ara.

⁸ Terdengar kepada mereka suara Tuhan Allah yang berjalan di taman pada ketika hari dingin lalu manusia serta isterinya menyembunyikan diri dari hadirat Tuhan Allah di antara pokok di dalam taman. ⁹ Tetapi Tuhan Allah memanggil manusia itu dan berfirman kepadanya, “Di manakah engkau?”

¹⁰ Jawabnya, “Aku mendengar suara-Mu di taman lalu aku menjadi takut kerana aku dalam keadaan telanjang. Jadi aku pun bersembunyi.”

¹¹ Firman-Nya, “Siapakah yang memberitahumu bahawa kamu bertelanjang? Adakah kamu memakan buah daripada pokok yang telah Kularang kamu memakan buahnya?”

¹² Jawab manusia itu, “Perempuan yang kautempatkan bersama-samaku itulah yang memberikan kepadaku buah daripada pokok itu, maka aku memakan buah itu.”

¹³ Tuhan Allah berfirman kepada perempuan itu, “Apa yang telah kamu lakukan?” Jawab

perempuan itu, “Ular itu menipu aku sehingga aku memakan buah itu.”

¹⁴ Maka berfirmanlah Tuhan Allah kepada ular itu,

“Atas sebab perbuatan engkau itu,
terkutuklah engkau melebihi segala haiwan
ternakan dan binatang liar.

Engkau akan menjalar dengan perutmu
dan engkau akan makan debu tanah seumur
hidupmu.

¹⁵ Aku akan mengadakan permusuhan antara
engkau dengan perempuan ini,
dan antara keturunanmu dengan
keturunannya.

Keturunannya akan meremukkan kepalamu,
dan kamu akan meremukkan tumitnya.”

¹⁶ Firman-Nya kepada perempuan itu,
“Aku akan melipatgandakan kesakitan
dan kesusahanmu semasa engkau
melahirkan anak.

Namun begitu, kamu tetap akan mengingini
suamimu,
dan dia akan berkuasa ke atasmu.”

¹⁷ Firman-Nya kepada Adam, “Kerana engkau
menurut kata isterimu lalu memakan buah

daripada pokok yang telah Kuperintahkan kepadamu, 'Jangan engkau makan buahnya,' maka terkutuklah tanah kerana kau.

Engkau akan bersusah payah mengerjakan tanah

dan memakan hasilnya, seumur hidupmu.

¹⁸ Tanah akan menumbuhkan duri dan onak untukmu,

dan tumbuh-tumbuhan di padang akan menjadi makananmu.

¹⁹ Hasil keringatmu itulah engkau kelak mendapatkan rezekimu sehingga kembalinya engkau menjadi tanah, kerana dari tanahlah engkau diambil.

Oleh sebab asalmu debu,

maka engkau kelak kembali menjadi debu.”

²⁰ Lalu manusia^f menamai isterinya Hawa^g, kerana dia ialah ibu kepada semua yang hidup.

²¹ Tuhan Allah membuat pakaian daripada kulit binatang untuk Adam serta isterinya itu, lalu memakaikannya kepada mereka.

²² Kemudian Tuhan Allah berfirman, “Lihatlah, betapa manusia itu sudah menjadi seperti satu daripada Kita, yang tahu tentang perkara yang

^f**3:20** 'Manusia' merujuk kepada Adam.

^g**3:20** Hawa: Dlm bhs Ibr nama ini bererti 'hidup.'

3:22: Why 22:14.

baik dan yang jahat. Haruslah dia dihindarkan daripada mengambil pula dengan tangannya daripada buah pokok hayat itu lalu memakannya, sehingga dia hidup untuk selama-lamanya.”

²³ Lalu Tuhan Allah menyuruh manusia itu keluar dari Taman Eden untuk mengerjakan tanah iaitu sumber jasadnya.

²⁴ Lalu Dia mengenyahkan^h manusia itu keluar, dan di sebelah timur Taman Eden ditempatkan-Nya dua malaikat kerubinⁱ serta sebilah pedang yang bernyala-nyala dan berputar ke segala arah untuk mengawal jalan menuju kepada pokok hayat itu.

Kain dan Habel

4 ¹ Maka Adam meniduri isterinya, Hawa, yang seterusnya mengandung dan melahirkan Kain. Hawa berkata, “Atas pertolongan Tuhan, aku memperoleh seorang anak lelaki.” ² Sesudah itu, dia melahirkan Habel pula, adik lelaki kepada Kain. Habel menggembala haiwan ternakan manakala Kain bertani. ³ Pada waktu yang ditetapkan, Kain membawa sebahagian daripada hasil bertani sebagai persembahan

^h**3:24** ‘Mengenyahkan’ dari kata dasar, ‘nyah’ bererti ‘menghalau.’

ⁱ**3:24** Malaikat kerubin: Golongan malaikat yang melambangkan hadirat dan keagungan Allah.

kepada Tuhan. ⁴ Habel pun mempersembahkan beberapa ekor anak sulung daripada haiwan ternakannya, malah memilih antara yang paling mondok daripadanya. Tuhan berkenan kepada Habel dan persembahannya, ⁵ tetapi Dia tidak berkenan kepada Kain dan persembahannya. Naik beranglah Kain dan masam sekali mukanya. ⁶ Berfirmanlah Tuhan kepada Kain, “Mengapakah kamu marah, dan mengapakah mukamu masam? ⁷ Bukankah benar jika kamu berbuat baik, kamu akan berkeadaan bagus? Tetapi jika kamu tidak berbuat baik, dosa memang mengintai peluang, menanti ketika untuk berleluasa, namun kamu perlu menguasainya.”

⁸ Namun demikian, Kain berkata kepada Habel, adiknya, “Mari kita pergi ke ladang.” Semasa kedua-duanya berada di ladang, Kain menyerang Habel, adiknya, lalu membunuhnya.

⁹ Maka berfirmanlah Tuhan kepada Kain, “Di manakah Habel, adikmu itu?” Jawabnya, “Aku tidak tahu! Adakah aku ini penjaga adikmu?”

¹⁰ Firman-Nya, “Apakah yang telah kamu lakukan? Dari bumi itu, darah adikmu itu berseruseru kepada-Ku! ¹¹ Sekarang, terkutuklah kamu, terbuang jauh dari tanah yang telah membuka

4:4: Ibr 11:4. **4:8:** Mat 23:35; Luk 11:51; 1Yoh 3:12.

4:10: Ibr 12:24.

mulutnya untuk menerima darah adikmu yang ditumpahkan tanganmu. ¹² Apabila engkau mengerjakan tanah itu, maka tanah itu tidak akan lagi memberikan hasil sepenuhnya kepadamu. Engkau akan menjadi seorang pengembara dan pelarian di bumi.”

¹³ Kata Kain kepada Tuhan, “Hukumanku itu terlalu berat dan tidak bertanggung olehku.

¹⁴ Sesungguhnya, pada hari ini Engkau mengusir aku dari tanah ini maka aku perlu bersembunyi daripada hadirat-Mu dan akan menjadi seorang pengembara serta pelarian di bumi. Kelak sesiapa yang bertemu denganku akan membunuhku.”

¹⁵ Firman Tuhan kepadanya, “Tidak demikian! Sesiapa yang membunuh Kain akan menerima balasan tujuh kali lipat ganda.” Lantas Tuhan meletakkan tanda khusus pada Kain supaya dia tidak dibunuh oleh sesiapa pun yang bertemu dengannya. ¹⁶ Maka pergilah Kain dari hadirat Tuhan lalu tinggal di Tanah Nod, di sebelah timur Eden.

Keturunan Kain

¹⁷ Kain meniduri isterinya yang seterusnya mengandung lalu melahirkan Henokh. Maka Kain yang sedang membina sebuah kota menamai kota itu Henokh, yakni mengikut nama anaknya.

¹⁸ Henokh pula beroleh anak iaitu Irad dan susur

galur seterusnya ialah Mehujael, Metusael, dan Lamekh. ¹⁹ Lamekh memperisteri dua orang perempuan iaitu Adah dan Zila. ²⁰ Adah melahirkan Yabal yakni leluhur warga yang menghuni khemah serta memelihara haiwan ternakan. ²¹ Adik kepada Yabal bernama Yubal dan dia ialah leluhur bagi semua warga yang memainkan alat muzik iaitu hap dan seruling. ²² Zila juga melahirkan anak iaitu Tubal-Kain yang menjadi seorang tukang yang menempa segala perkakas daripada tembaga dan besi. Adik perempuan Tubal-Kain bernama Naamah.

²³ Berkatalah Lamekh kepada isteri-isterinya, “Adah dan Zila, dengarlah apa yang kusampaikan;

wahai para isteri Lamekh,
amatilah percakapanku.

Aku telah membunuh seorang lelaki kerana dia melukakan aku,

seorang pemuda kerana dia menyakiti aku.

²⁴ Sekiranya Kain harus dibalas tujuh kali lipat ganda,

maka bagi Lamekh seharusnya tujuh puluh tujuh kali lipat ganda.”

²⁵ Adam meniduri isterinya lagi, lalu perempuan itu melahirkan seorang anak lelaki dan menamainya Set, kerana katanya, “Allah telah mengurniaiku keturunan yang lain

untuk menggantikan Habel, kerana Kain telah membunuhnya.”²⁶ Seterusnya daripada Set pula lahirlah seorang anak lelaki dan dia menamainya Enos. Pada waktu itulah manusia mula menyeru nama Tuhan.

Keturunan Adam

5¹ Inilah daftar salasilah keluarga Adam. Pada waktu penciptaan makhluk manusia, Allah menjadikannya menurut rupa Allah.² Dia menciptakan lelaki dan perempuan, lalu Dia memberkati mereka dan menamai mereka “manusia.”³ Setelah Adam hidup 130 tahun, lahirlah baginya seorang anak lelaki menurut rupa dan gambarannya. Dia menamai anak itu Set.⁴ Selepas kelahiran Set, Adam hidup 800 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain.⁵ Setelah mencapai usia 930 tahun, Adam pun meninggal.⁶ Setelah Set hidup 105 tahun, lahirlah baginya Enos.⁷ Selepas kelahiran Enos, Set hidup 807 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain.⁸ Setelah mencapai usia 912 tahun, Set pun meninggal.⁹ Setelah Enos hidup 90 tahun, lahirlah baginya Kenan.¹⁰ Selepas kelahiran Kenan, Enos hidup

815 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain. ¹¹ Setelah mencapai usia 905 tahun, Enos pun meninggal.

¹² Setelah Kenan hidup 70 tahun, lahirlah baginya Mahalaleel. ¹³ Selepas kelahiran Mahalaleel, Kenan hidup 840 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain. ¹⁴ Setelah mencapai usia 910 tahun, Kenan pun meninggal.

¹⁵ Setelah Mahalaleel hidup 65 tahun, lahirlah baginya Yared. ¹⁶ Selepas kelahiran Yared, Mahalaleel hidup 830 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain. ¹⁷ Setelah mencapai usia 895 tahun, Mahalaleel pun meninggal.

¹⁸ Setelah Yared hidup 162 tahun, lahirlah baginya Henokh. ¹⁹ Selepas kelahiran Henokh, Yared hidup 800 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain. ²⁰ Setelah Yared mencapai usia 962 tahun, dia pun meninggal.

²¹ Setelah Henokh hidup 65 tahun, lahirlah baginya Metusalah. ²² Selepas kelahiran Metusalah, Henokh hidup akrab dengan Allah selama 300 tahun dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain.

²³ Jadi, Henokh hidup selama 365 tahun.

²⁴ Henokh hidup akrab dengan Allah dan sesudah itu ghaiblah Henokh kerana Allah membawanya pergi.

²⁵ Setelah Metusalah hidup 187 tahun, lahirlah baginya Lamekh. ²⁶ Selepas kelahiran Lamekh, Metusalah hidup 782 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain. ²⁷ Setelah Metusalah mencapai usia 969, dia pun meninggal.

²⁸ Setelah Lamekh hidup 182 tahun, lahirlah baginya seorang anak lelaki. ²⁹ Dia menamainya Nuh, katanya, “Anak ini akan membawa keselesaan selepas kita bekerja berpenat lelah di tanah yang telah Tuhan kutuk.” ³⁰ Selepas kelahiran Nuh, Lamekh hidup 595 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki serta perempuan yang lain. ³¹ Setelah Lamekh mencapai usia 777 tahun, dia pun meninggal.

³² Setelah Nuh berusia 500 tahun, lahirlah baginya Sem, Ham, dan Yafet.

Kedurjanaan manusia

6 ¹ Ketika manusia mula menjadi semakin ramai di muka bumi, dan mereka melahirkan

anak-anak perempuan, ² anak-anak Allah^j melihat betapa elok paras rupa anak perempuan manusia itu. Lalu mereka memperisteri sesiapa sahaja perempuan yang dipilih mereka. ³ Maka Tuhan berfirman, “Roh-Ku tidak selama-lamanya akan menyertai manusia yang fana fitrahnya. Umur mereka akan cuma 120 tahun sahaja.” ⁴ Orang Nefilim^k juga menghuni bumi pada zaman itu, dan juga pada zaman sesudahnya, iaitu ketika anak-anak Allah^l meniduri anak perempuan manusia yang seterusnya melahirkan anak untuk para manusia itu. Golongan manusia itulah para wira gagah perkasa pada zaman purba yang termasyhur nama mereka.

⁵ Namun begitu, Tuhan melihat kejahatan manusia besar di bumi, dan segala hasrat dan kecenderungan hati mereka sentiasa tertumpu pada kejahatan sahaja. ⁶ Maka menyesallah Tuhan kerana Dia telah menjadikan manusia di bumi dan hal itu mendukakan hati-Nya.

^j6:2 Atau: ‘Para insan ciptaan Allah.’ Ramai sarjana memahami frasa ‘anak Allah’ sebagai malaikat yang ‘tidak taat kepada batas-batas kekuasaan mereka.’

^k6:4 Orang Nefilim: Ramai sarjana menganggap mereka sebagai ‘manusia raksasa.’

^l6:4 Atau: Insan ciptaan Allah.

⁷ Berfirmanlah Tuhan, “Aku akan menghapuskan manusia yang telah Kuciptakan itu dari muka bumi – manusia dan juga haiwan, termasuk haiwan yang melata, dan burung-burung di udara – kerana hati-Ku kesal bahawa Aku telah menjadikan kesemuanya.” ⁸ Tetapi Nuh mendapat rahmat di mata Tuhan.^m

Nuh dan banjir besar

⁹ Inilah riwayat Nuh. Dalam kalangan yang sezaman dengannya, Nuh seorang yang benar dan tidak tercela. Dia hidup akrab dengan Allah. ¹⁰ Nuh dikurniai tiga orang anak lelaki, iaitu Sem, Ham, dan Yafet. ¹¹ Pada ketika itu, bumi sudah hancur di hadapan Allah dan penuh dengan keganasan. ¹² Allah mengamati bumi, dan sesungguhnya betapa hancurnya bumi kerana kehidupan semua manusia bergelumang dengan dosa.

¹³ Maka berfirmanlah Allah kepada Nuh, “Aku telah menetapkan bahawa kesemua makhluk yang hidup mesti mati kerana bumi ini penuh dengan keganasan akibat perbuatan mereka. Sesungguhnya, Aku akan memusnahkan mereka bersama-sama bumi ini. ¹⁴ Maka kamu perlu

^m**6:8**Mat 24:37; Luk 17:26; 1Ptr 3:20.

6:9: 2Ptr 2:5.

membuat sebuah bahtera daripada kayu sipres. Buatlah bilik-bilik di dalam bahtera itu yang mesti dilapisi dengan gegala di bahagian luar dan dalamnya. ¹⁵ Kamu mesti membuat bahtera itu mengikut ukuran ini: Panjangnya 300 hasta, lebarnya 50 hasta, dan tingginya 30 hastaⁿ.

¹⁶ Buatlah lubang cahaya bagi bahtera itu dan semua binaan mesti ada ruang sehasta dari bahagian tertinggi bahtera. Pasang pintu bahtera pada rusuknya. Buatlah bahtera itu bertingkat bawah, tengah, dan atas. ¹⁷ Ketahuilah, Aku akan mendatangkan banjir untuk melanda bumi demi memusnahkan semua makhluk yang bernyawa di bawah langit dan semua hidupan di bumi akan mati. ¹⁸ Akan tetapi, Aku mengikat perjanjian-Ku dengan kamu. Kamu beserta anak-anakmu, isterimu, dan isteri anak-anakmu akan masuk ke dalam bahtera itu. ¹⁹ Sepasang iaitu jantan dan betina daripada segala makhluk yang hidup mesti kamu bawa masuk ke dalam bahtera, supaya kesemuanya dapat tetap hidup bersama-samamu. ²⁰ Sepasang daripada berbagai-bagai jenis burung, berbagai-bagai jenis haiwan, dan segala jenis binatang melata di bumi akan datang kepadamu supaya kesemuanya dapat tetap

ⁿ**6:15** Satu hasta kira-kira 0.5 meter. Ukuran bahtera itu kira-kira 150 meter panjangnya, 25 meter lebarnya, dan 15 meter tingginya.

hidup. ²¹ Kamu juga mesti mengumpulkan segala bahan yang dapat dimakan dan menyimpannya. Itulah yang akan menjadi makanan bagimu dan bagi kesemua makhluk itu.” ²² Maka sebagaimana yang diperintahkan Allah kepadanya, sebegitulah yang dilakukan oleh Nuh.

Banjir besar

7 ¹ Tuhan berfirman kepada Nuh, “Masuklah kamu beserta seisi keluargamu ke dalam bahtera, kerana Aku lihat engkau orang yang benar dalam kalangan yang sezaman denganmu. ² Bawalah tujuh pasang yakni jantan dan betina, daripada segala binatang yang halal dan sepasang daripada binatang yang tidak halal ³ serta tujuh pasang, yakni jantan dan betina, daripada burung-burung di udara, supaya baka kesemuanya itu dapat dikekalkan di seluruh muka bumi. ⁴ Sebab tujuh hari lagi Aku akan menurunkan hujan ke atas bumi ini empat puluh hari empat puluh malam lamanya, dan kesemua makhluk yang telah Kujadikan itu akan Kuhapuskan dari muka bumi.” ⁵ Lalu Nuh melaksanakan segala-galanya yang diperintahkan Tuhan kepadanya.

⁶ Nuh berusia 600 tahun semasa banjir besar melanda bumi. ⁷ Lalu Nuh bersama-sama anak-anaknya, isterinya, dan menantu-menantu perempuannya masuklah ke dalam bahtera itu untuk menyelamatkan diri daripada banjir yang melanda bumi itu. ⁸ Pasangan segala binatang yang halal dan yang tidak halal, burung-burung, serta segala yang merayap di bumi, ⁹ yakni yang jantan dan betinanya datang kepada Nuh di dalam bahtera itu sebagaimana yang diperintahkan Allah kepada Nuh. ¹⁰ Maka setelah tujuh hari, banjir pun melanda bumi.

¹¹ Ketika Nuh berusia 600 tahun, pada hari ketujuh belas, bulan kedua, meledaklah kesemua mata air samudera raya, dan pintu air di langit terbuka.^o ¹² Lalu mencurah-curahlah hujan turun ke atas bumi selama empat puluh hari dan empat puluh malam. ¹³ Pada hari itu juga, Nuh berserta anak-anaknya, iaitu Sem, Ham, dan Yafet, juga isterinya dan ketiga-tiga orang menantu perempuannya, masuk ke dalam bahtera. ¹⁴ Mereka diiringi segala jenis makhluk yang hidup mengikut jenisnya yakni segala jenis haiwan liar dan haiwan ternakan, segala jenis binatang melata yang merayap di bumi,

^o**7:11** Atau: Robohlah benteng langit.

7:7: Mat 24:38,39; Luk 17:27. **7:11:** 2Ptr 3:6.

dan segala jenis burung, iaitu segala unggas yang bersayap. ¹⁵ Kesemuanya, daripada segala makhluk hidup yang bernyawa, berpasang-pasangan datang kepada Nuh dan masuk ke dalam bahtera. ¹⁶ Semua yang masuk ke dalam bahtera itu ialah jantan dan betina seperti yang diperintahkan Allah kepada Nuh. Kemudian Tuhan menutup pintu bahtera itu setelah Nuh masuk.

¹⁷ Empat puluh hari lamanya banjir melanda bumi dan air itu terus naik sehingga mengangkat bahtera itu tinggi dari bumi. ¹⁸ Air semakin tinggi dan melonjak di atas bumi, dan bahtera itu pun terapung-apung di permukaan air. ¹⁹ Begitu kuatnya pelimpahan air di muka bumi sehingga mengatasi gunung-ganang yang tinggi yang ada lantas tertutuplah seluruh kolong langit. ²⁰ Air itu terus berlimpahan hingga melitupi lima belas hasta di atas segala gunung. ²¹ Maka tamatlah hayat semua makhluk yang bergerak di muka bumi iaitu burung-burung, haiwan ternakan, binatang liar, segala kawan binatang kecil di bumi serta semua manusia. ²² Matilah semua yang ada di darat, iaitu semua yang bernafas dengan hidungnya. ²³ Begitulah bagaimana Tuhan menghapuskan segala makhluk hidup yang ada di muka bumi, baik manusia, haiwan, binatang yang melata, mahupun burung-burung

iaitu makhluk di udara. Kesemuanya dihapuskan dari muka bumi. Hanya Nuh serta semua yang ada bersama-samanya dalam bahtera itu selamat. ²⁴ Jadi, selama 150 hari banjir berleluasa di muka bumi.

Surutnya banjir besar

8 ¹ Allah memberikan perhatian kepada Nuh dan segala binatang liar serta segala haiwan ternakan yang ada bersama-samanya dalam bahtera itu. Lalu Allah membuat angin yang bertiup lantas mulalah surut air banjir itu.

² Tertutuplah segala mata air samudera raya; begitu jua tertutupnya pintu-pintu air di langit lantas teduh dan seterusnya terhentilah hujan yang turun dari langit. ³ Air semakin surut dari muka bumi, dan selepas 150 hari air banjir itu sudah berkurang. ⁴ Lalu pada hari ketujuh belas pada bulan ketujuh, bahtera itu pun terkandas di Pergunungan Ararat. ⁵ Air terus berkurang sehingga bulan kesepuluh. Lalu pada hari pertama pada bulan kesepuluh itu puncak-puncak gunung sudah kelihatan.

⁶ Empat puluh hari kemudian, Nuh membuka jendela bahtera yang dibuatnya, ⁷ lalu dia melepaskan seekor burung gagak. Burung itu terbang mundur-mandir sehingga kering air di permukaan bumi. ⁸ Kemudian dia melepaskan

seekor burung merpati untuk melihat seandainya telah surut sepenuhnya air dari atas permukaan bumi.⁹ Namun begitu, burung merpati itu tidak menemukan tempat untuk hinggap kerana air masih meliputi seluruh permukaan bumi. Maka kembalilah merpati itu kepada Nuh di dalam bahtera itu. Nuh menghulurkan tangannya lantas mengambil dan membawa burung itu masuk ke dalam bahtera.¹⁰ Setelah menunggu selama tujuh hari, sekali lagi Nuh melepaskan burung merpati itu dari bahtera.¹¹ Pada petang harinya, burung merpati itu pulang mendapatkan Nuh, dan di paruhnya tersepit sehelai daun zaitun yang baru dipetik. Lalu tahulah Nuh bahawa air sudah surut dari permukaan bumi.¹² Selepas menunggu selama tujuh hari lagi, sekali lagi Nuh melepaskan burung merpati itu, dan burung itu tidak lagi kembali kepadanya.

¹³ Pada tahun 601, pada hari pertama dalam bulan pertama, air surut sepenuhnya dari permukaan bumi. Ketika Nuh membuka atap bahtera itu, kelihatan betapa permukaan tanah sudah kering.¹⁴ Seterusnya pada hari kedua puluh tujuh pada bulan kedua, bumi memang sudah benar-benar kering.

¹⁵ Berfirmanlah Allah kepada Nuh,¹⁶ “Keluarlah dari bahtera itu, engkau beserta isterimu, anak-anakmu, dan para menantu perempuanmu.

¹⁷ Bawalah keluar kesemua makhluk bernyawa yang ada bersama-samamu, iaitu segala burung, haiwan, dan segala binatang melata yang merayap di bumi. Biarkan kesemua makhluk itu memenuhi bumi, berkembang biak, dan bertambah banyak di bumi.” ¹⁸ Maka keluarlah Nuh berserta anak-anaknya, isterinya, dan para menantu perempuannya. ¹⁹ Seterusnya keluar pula dari bahtera itu menurut jenisnya segala haiwan liar, segala binatang melata, segala burung, iaitu semua yang bergerak di bumi.

²⁰ Lalu Nuh mendirikan sebuah mazbah, iaitu tempat mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan. Maka dia mengambil beberapa ekor daripada setiap binatang yang halal dan daripada setiap jenis burung yang halal, lalu dipersembhkannya korban bakaran di atas mazbah itu. ²¹ Tuhan menghidu persembahan yang harum itu. Maka berfirmanlah Tuhan dalam hati-Nya, “Aku tidak akan melaknati bumi ini lagi atas sebab kemungkarannya manusia. Biarpun dari kecil lagi ada sifat durjana dalam hati manusia, Aku tidak akan lagi membinasakan segala yang hidup seperti yang telah Kulakukan.

²² Selama bumi masih wujud, tidak akan putus bertali arusnya musim menabur dan musim menuai, sejuk dan panas,

musim kemarau dan musim hujan,
serta siang dan malam.”

Perjanjian Allah dengan Nuh

9¹ Lalu Allah memberkati Nuh dan anak-anaknya dan berfirman kepada mereka, “Beranakcuculah dan bertambah ramailah, dan penuhilah bumi. ² Setiap makhluk yang hidup dan setiap burung di udara akan berasa takut dan gentar terhadap kamu. Segala yang merayap di tanah, dan segala ikan di laut berada dalam kekuasaanmu. ³ Segala yang bergerak yang mempunyai hidup akan menjadi makananmu. Sebagaimana Aku memberimu tumbuh-tumbuhan hijau, kini Aku memberimu kesemuanya. ⁴ Akan tetapi, jangan kamu makan daging yang masih ada nyawanya, yaitu darahnya. ⁵ Atas darahmu, yaitu nyawamu, tentu Aku akan mengenakan balasan. Aku akan mengenakan balasan ke atas setiap haiwan, dan ke atas setiap manusia. Aku akan mendapatkan balasan ke atas nyawa manusia biarpun angkara tangan saudaranya. ⁶ Siapa menumpahkan darah manusia, manusia jua akan menumpahkan

9:1: Kej 1:28.

9:4: Im 7:26,27; 17:10-14; 19:26; Ul 12:16,23; 15:23.

9:6: Kel 20:13; Kej 1:26.

darahnya, kerana Allah telah menjadikan manusia menurut gambaran-Nya.^p

⁷ Tetapi kamu, beranakcuculah dan bertambah ramailah. Penuhilah bumi dan bertambah ramailah di atasnya.”

⁸ Lalu Allah berfirman lagi kepada Nuh dan kepada anak-anaknya yang ada bersama-samanya, ⁹ “Sesungguhnya, Aku menetapkan perjanjian-Ku dengan kamu dan keturunanmu kelak, ¹⁰ dengan semua makhluk bernyawa yang ada bersama-samamu – termasuk segala burung, haiwan ternakan, dan segala jenis haiwan yang ada bersama-samamu – semua yang keluar dari bahtera, iaitu segala makhluk yang hidup di bumi. ¹¹ Aku menetapkan perjanjian-Ku dengan kamu: tidak akan berlaku lagi kejadian kesemua makhluk dilenyapkan oleh air banjir, dan tidak akan berlaku lagi banjir yang memusnahkan bumi.” ¹² Allah pun berfirman, “Inilah tanda perjanjian yang Kuadakan antara Aku dengan kamu dan dengan segala makhluk hidup yang

P9:6 Antara maksud ‘gambaran’ (bahasa Ibrani, tselem) ialah imej peribadi atau citra. Maka rangkaian kata, ‘menciptakan manusia menurut gambaran-Nya’ merangkumi maksud manusia diciptakan untuk menyerupai diri Tuhan iaitu sebagai gambaran dan citraan-Nya.

ada bersama-samamu, turun-temurun, untuk selama-lamanya: ¹³ Akan Kuwujudkan pelangi di awang-awangan, dan itulah yang menjadi tanda jaminan bagi perjanjian antara Aku dengan bumi. ¹⁴ Apabila Aku mengadakan awan yang berarak di muka bumi dan pelangi terlihat di awang-awangan, ¹⁵ maka Aku akan mengingati perjanjian-Ku antara Aku dengan kamu dan dengan segala jenis makhluk yang bernyawa. Tidak akan berlaku lagi kejadian air menjadi banjir demi memusnahkan segala hidupan. ¹⁶ Apabila muncul pelangi di awang-awangan, maka Aku akan melihatnya dan mengingati perjanjian abadi antara Allah dengan segala jenis hidupan yang ada di bumi.” ¹⁷ Kemudian Allah berfirman kepada Nuh, “Inilah jaminan bagi perjanjian yang Aku sahkan antara Aku dengan segala hidupan yang ada di bumi.”

Kutukan terhadap Kanaan

¹⁸ Anak-anak Nuh yang keluar dari bahtera ialah Sem, Ham, dan Yafet. Ham ialah bapa kepada Kanaan. ¹⁹ Mereka bertiga itu ialah anak-anak Nuh, dan leluhur bagi penduduk di seluruh bumi.

²⁰ Nuh menjadi petani, dan dia mula-mula menanam kebun anggur. ²¹ Apabila dia minum air anggur lalu mabuk tertidurlah dia dalam keadaan telanjang di dalam khemahnya. ²² Ham,

ayah Kanaan yang terlihat aurat ayahnya itu menceritakannya kepada kedua-dua orang saudaranya yang berada di luar. ²³ Maka Sem dan Yafet mengambil sehelai pakaian lalu menyangkutkannya pada bahu mereka berdua lalu mereka berjalan secara mengundur dan menutupi aurat ayah mereka. Mereka menghadapkan muka masing-masing ke arah yang membelakangi tubuh ayah mereka lantas mereka tidak melihat aurat ayah mereka.

²⁴ Ketika Nuh sedar daripada pengaruh air anggur itu, tahulah dia tentang apa yang dilakukan anak bongsunya kepadanya. ²⁵ Maka berkatalah ia,

“Terkutuklah Kanaan!

Dia akan menjadi hamba daripada segala hamba bagi saudara-saudaranya.”

²⁶ Katanya pula,

“Segala puji bagi Tuhan, Allah Sem!

Biarlah Kanaan menjadi hambanya.

²⁷ Semoga Allah meluaskan wilayah Yafet!

Biarlah dia tinggal di dalam khemah-khemah Sem

dan biarlah Kanaan menjadi hambanya.”

²⁸ Selepas banjir besar itu, Nuh hidup selama 350 tahun lagi. ²⁹ Maka setelah Nuh berusia 950 tahun, dia pun meninggal.

Bangsa-bangsa keturunan Nuh

10¹ Inilah keturunan anak-anak Nuh, iaitu Sem, Ham, dan Yafet. Kepada mereka, lahirlah anak-anak lelaki selepas banjir besar itu.

² Keturunan Yafet ialah Gomer, Majuj, Madai, Yawan, Tubal, Mesekh, dan Tiras. ³ Keturunan Gomer: Askenas, Rifat, dan Togarma. ⁴ Keturunan Yawan: Elisa, Tarsis, Kitim, dan Rodanim.^q

⁵ Daripada mereka inilah tersebar bangsa-bangsa daerah pesisir. Mereka hidup di tanah mereka sendiri, masing-masing dengan bahasa, kaum keluarga dan bangsa mereka.

⁶ Keturunan Ham ialah Kush, Misraim, Put, dan Kanaan. ⁷ Keturunan Kush ialah Seba, Hawila, Sabta, Raema, dan Sabtekha. Anak-anak Raema ialah Syeba dan Dedan. ⁸ Kush beranakkan seorang anak lelaki bernama Nimrod; dia menjadi orang perkasa pertama di bumi. ⁹ Dia seorang pemburu yang perkasa di hadapan Tuhan. Itulah sebabnya dikatakan orang, "Seperti Nimrod, seorang pemburu yang perkasa di hadapan Tuhan." ¹⁰ Wilayah utama kerajaannya terdiri daripada Babel, Erekh, Akad, dan Kalne, yang kesemuanya terletak di Tanah Sinear. ¹¹ Dari

^q**10:4** Yawan ... Kitim: Penggunaan nama-nama kuno ini dikekalkan dalam senarai bangsa. Nama moden bagi kota 'Kitim' ialah, 'Siprus.'

situ dia pergi ke Asyur, lalu membina Niniwe, Rehobot-Ir, Kalah, ¹² dan Resen yang terletak di antara Niniwe dengan Kalah; iaitu kota raya yang besar.

¹³ Misraim beranakkan Ludim, Anamim, Lehabim, Naftuhim, ¹⁴ Patrusim, Kasluhim (yang merupakan susur galur orang Filistin), dan Kaftorim.

¹⁵ Kanaan beranakkan Sidon, anak sulungnya, dan Het. ¹⁶ Keturunan Kanaan yang lain ialah orang Yebusi, orang Amori, orang Girgasi, ¹⁷ orang Hewi, orang Arki, orang Sini, ¹⁸ orang Arwadi, orang Semari, dan orang Hamati. Kemudian tersebarlah kaum-kaum orang Kanaan itu. ¹⁹ Daerah orang Kanaan terbentang dari Sidon ke arah Gerar sampai ke Gaza, kemudian ke arah Sodom, Gomora, Adma, dan Zeboim, sampai ke Lasa. ²⁰ Itulah keturunan Ham menurut kaum mereka, bahasa mereka, negeri mereka dan bangsa mereka.

²¹ Lahirlah pula anak-anak bagi Sem, iaitu abang kepada Yafet, bapa leluhur seluruh bani Eber.

²² Keturunan Sem: Elam, Asyur, Arpakhsad, Lud, dan Aram. ²³ Keturunan Aram: Us, Hul, Geter, dan Mas. ²⁴ Arpakhsad beranakkan^r Selah, dan Selah beranakkan Eber. ²⁵ Eber dikurniai dua

^r**10:24** Atau: Berputerakan.

orang anak lelaki. Nama yang seorang ialah Peleg, kerana pada zamannya bumi terbagi, dan nama adiknya ialah Yoktan. ²⁶Yoktan beranakkan^s Almodad, Selef, Hazar-Mawet, Yerah, ²⁷Hadoram, Uzal, Dikla, ²⁸Obal, Abimael, Syeba, ²⁹Ofir, Hawila, dan Yobab. Semua ini keturunan Yoktan. ³⁰Tempat kediaman mereka terbentang dari Mesa ke arah Sefar, iaitu pergunungan di sebelah timur. ³¹Itulah keturunan Sem menurut kaum mereka, bahasa mereka, negeri mereka, dan bangsa mereka.

³²Maka itulah susur galur kaum keluarga anak-anak Nuh menurut salasilah keturunan mereka dan bangsa mereka. Daripada mereka inilah bangsa-bangsa tersebar di bumi ini selepas banjir besar itu.

Penyerakan bangsa-bangsa Babel

11 ¹Di seluruh bumi cuma satu bahasa dan satu loghat pada ketika itu. ²Sewaktu perjalanan mereka ke sebelah timur, mereka menemukan dataran di Tanah Sinear lalu menetaplah mereka di situ. ³Berkatalah mereka sesama sendiri, “Ayuh kita membuat batu bata dan membakarnya dengan sempurna.” Batu bata itu digunakan mereka sebagai pengganti

^s10:26 Atau: Berputerakan.

batu, dan lepa pula sebagai pengganti tanah liat. ⁴ Seterusnya berkatalah mereka pula, “Ayuh kita bangunkan sebuah kota raya dan sebuah menara yang puncaknya menanjak sampai ke langit. Mari kita cari nama bagi diri kita, supaya kita tidak berserakan ke seluruh muka bumi.”

⁵ Lalu turunlah Tuhan untuk mengamati kota dan menara yang dibangun oleh anak-anak manusia. ⁶ Maka berfirmanlah Tuhan, “Sesungguhnya, jika mereka yang satu bangsa, dan sama bahasa pertuturan mereka sudah mula membuat sebegini maka apa-apa pun niat yang hendak dilaksanakan mereka tidak ada yang tidak dapat dicapai oleh mereka. ⁷ Baiklah Kita^t turun dan mencelarukan bahasa di seluruh bumi agar mereka bingung sehingga mereka tidak saling mengerti bahasa satu sama lain.”

⁸ Demikianlah Tuhan mencerai-beraikan dan menyerakkan mereka ke seluruh muka bumi, lalu mereka berhenti membina kota raya itu. ⁹ Itulah sebabnya nama kota raya itu Babel kerana di sanalah Tuhan mencelarukan bahasa seluruh bumi dan dari sanalah Tuhan menyerakkan umat manusia ke seluruh muka bumi.

^t**11:7** ‘Baiklah Kita’: ‘Kita’ di sini merujuk kepada Allah dan malaikat-malaikat. Tetapi, ada pakar teologi yang berpendapat bahawa ‘Kita’ (huruf besar) merujuk kepada Allah, Firman-Nya, dan Roh-Nya.

Keturunan Sem

¹⁰ Inilah keturunan Sem. Setelah Sem berusia 100 tahun, lahirlah kepadanya Arpakhsad, dua tahun selepas banjir besar. ¹¹ Selepas kelahiran Arpakhsad, Sem hidup 500 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

¹² Setelah Arpakhsad berusia 35 tahun, lahirlah kepadanya Selah. ¹³ Selepas kelahiran Selah, Arpakhsad hidup 403 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

¹⁴ Setelah Selah berusia 30 tahun, lahirlah kepadanya Eber. ¹⁵ Selepas kelahiran Eber, Selah hidup 403 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

¹⁶ Setelah Eber berusia 34 tahun, lahirlah kepadanya Peleg. ¹⁷ Selepas kelahiran Peleg, Eber hidup 430 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

¹⁸ Setelah Peleg berusia 30 tahun, lahirlah kepadanya Rehu. ¹⁹ Selepas kelahiran Rehu, Peleg hidup 209 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan.

²⁰ Setelah Rehu berusia 32 tahun, lahirlah kepadanya Serug. ²¹ Selepas kelahiran Serug, Rehu hidup 207 tahun lagi dan dia masih

dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

²² Setelah Serug berusia 30 tahun, lahirlah kepadanya Nahor. ²³ Selepas kelahiran Nahor, Serug hidup 200 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan.

²⁴ Setelah Nahor berusia 29 tahun, lahirlah kepadanya Terah. ²⁵ Selepas kelahiran Terah, Nahor hidup 119 tahun lagi dan dia masih dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan yang lain.

²⁶ Setelah Terah 70 tahun, lahirlah kepadanya Abram,^u Nahor, dan Haran.

Keturunan Terah

²⁷ Inilah keturunan Terah. Terah dikurniai anak, iaitu Abram, Nahor, dan Haran. Seterusnya Haran dikurniai anak iaitu Lut. ²⁸ Haran meninggal lebih dahulu daripada Terah, ayahnya, di tanah kelahirannya, Ur-Kasdim. ²⁹ Kemudian Abram dan Nahor meminum isteri. Nama isteri Abram ialah Sarai, dan nama isteri Nahor ialah Milka, anak Haran. Haran ialah ayah Milka dan Yiska. ³⁰ Akan tetapi, Sarai mandul dan tidak mempunyai anak.

^u**11:26** Nama Abram kemudiannya diganti menjadi Abraham oleh Allah (lihat Kej. 17:5).

³¹ Terah membawa Abram anaknya, Lut anak Haran cucunya, serta Sarai menantunya, yaitu isteri Abram anaknya, keluar bersama-sama dari Ur-Kasdim untuk pergi ke Tanah Kanaan. Tetapi ketika sampai di Haran, mereka pun menetap di sana. ³² Setelah Terah mencapai usia 205 tahun, meninggallah dia di Haran.

Keberkatan Abram

12 ¹ Tuhan berfirman kepada Abram, “Tinggalkanlah negerimu, sanak saudaramu dan rumah ayahmu serta pergilah ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu.

² Aku akan membuat kamu menjadi suatu bangsa yang besar.

Aku akan memberkati kamu dan menjadikan namamu hebat.

Kamu akan menjadi suatu keberkatan!

³ Aku akan memberkati mereka yang memohonkan berkat bagi engkau, dan Aku akan mengutuk mereka yang mengutuk engkau.

Melalui engkau, semua kaum di bumi akan diberkati.”

⁴ Maka berangkatlah Abram seperti yang Tuhan firmankan kepadanya, dan Lut turut

pergi bersama-samanya. Abram berumur tujuh puluh lima tahun sewaktu dia meninggalkan Haran. ⁵ Abram menuju Tanah Kanaan dengan membawa Sarai isterinya dan Lut anak saudaranya bersama-samanya, serta segala harta benda serta kalangan yang diperoleh mereka sewaktu di Haran.

Lalu tibalah mereka di Tanah Kanaan. ⁶ Abram berjalan menjelajahi negeri itu sehingga suatu tempat di Sikhem yakni di pokok oak More. Pada waktu itu orang Kanaan tinggal di negeri itu. ⁷ Kemudian Tuhan menampakkan diri kepada Abram dan berfirman, “Kepada keturunanmu akan Aku kurniakan negeri ini.” Maka Abram membangunkan di sana sebuah mazbah bagi Tuhan, yang telah menampakkan diri kepadanya. ⁸ Dari situ, Abram berpindah ke pergunungan di sebelah timur Betel lalu mendirikan khemahnya di antara Betel di sebelah barat dengan Ai di sebelah timur. Di situ Abram mendirikan sebuah mazbah bagi Tuhan dan menyeru nama Tuhan. ⁹ Setelah itu, Abram meneruskan perjalanannya lagi ke arah selatan menuju ke Tanah Negeb.

Keberkatan yang dijanjikan terancam

¹⁰ Atas sebab bencana kebuluran yang menimpa negeri itu, Abram pun pergi ke Mesir dan tinggal di sana sebagai pendatang kerana bencana kebuluran itu sangat teruk di negeri itu. ¹¹ Ketika hampir memasuki Mesir, berkatalah dia kepada Sarai, isterinya, “Dengarlah, kamu seorang perempuan dan rupa parasmu cantik. ¹² Boleh terjadi kelak, apabila orang Mesir melihat kamu, mereka akan berkata, ‘Itu isterinya.’ Lalu mereka akan membunuh aku dan membiarkan kamu hidup. ¹³ Oleh sebab itu, kamu katakanlah yang kamu saudaraku, supaya aku dilayan dengan baik demi dirimu, dan nyawaku selamat berkat dirimu.” ¹⁴ Sewaktu Abram memasuki Mesir, memang para warga Mesir melihat betapa cantiknya Sarai. ¹⁵ Para pembesar Firaun juga melihat Sarai, lalu memuji-muji kejelitaannya di hadapan Firaun. Lantas perempuan itu dijemput ke istana Firaun, ¹⁶ dan Firaun melayan Abram dengan baik demi perempuan itu. Abram mendapat kawan domba, lembu, keldai jantan dan betina, unta, serta para hamba lelaki dan perempuan.

¹⁷ Akan tetapi, Tuhan mengazab Firaun dan istananya dengan pelbagai wabak penyakit yang dahsyat kerana Sarai, isteri Abram itu. ¹⁸ Lalu Firaun memanggil Abram dan berkata, “Apakah yang kamu lakukan kepada aku ini? Mengapakah kamu tidak memberitahu aku bahawa dia isterimu? ¹⁹ Mengapakah kamu berkata, ‘Dia saudaraku,’ sehingga aku mengambilnya untuk dijadikan isteriku? Sekarang, inilah isterimu. Ambillah dia dan pergilah!” ²⁰ Kemudian Firaun memberikan perintah kepada orangnya tentang Abram, lalu mereka menghantar dia pergi bersama-sama isterinya dan segala sesuatu yang dimilikinya.

Abram menyelesaikan perselisihan

13 ¹ Maka pergilah Abram dari Mesir menuju Tanah Negeb dengan membawa bersama-sama isterinya dan segala harta bendanya. Lut pun turut bersama-samanya. ² Abram sangat kaya dan begitu banyak emas, perak dan haiwan ternakannya. ³ Mengembaralah dia dari setempat ke setempat dari Tanah Negeb menuju Betel. Lalu dia sampai di antara Betel dengan Ai, tempat dia mula-mula mendirikan khemahnya, ⁴ juga tempat dia membina sebuah mazbah dahulu. Dan di situlah Abram menyeru nama Tuhan.

⁵ Lut, yang menyertai rombongan Abram itu juga memiliki haiwan ternakan dan sejumlah khemah. ⁶ Maka tidaklah muat daerah itu untuk kesemua mereka tinggal bersama-sama kerana harta benda mereka begitu banyak ⁷ Lalu terjadilah perselisihan antara para gembala ternakan Abram dengan para gembala ternakan Lut. (Pada waktu itu orang Kanaan dan orang Feris bermastautin di negeri itu.)

⁸ Kata Abram kepada Lut, “Semoga tidak berlaku perselisihan antara aku dengan kamu, juga antara para gembalaku dengan para gembalamu, walhal kita ini saudara yang begitu dekat.

⁹ Bukankah seluruh negeri ini ada di hadapanmu? Pisahkanlah dirimu daripadaku. Jika kamu ke sebelah kiri, maka aku pergi ke sebelah kanan. Jika kamu ke sebelah kanan, maka aku pergi ke sebelah kiri.”

¹⁰ Lut pun mengimbas dan meneliti keseluruhan wilayah di sekelilingnya. Dia nampak betapa seluruh Lembah Yordan diairi dengan baik, seperti taman Tuhan, seperti Tanah Mesir ke arah Zoar. (Itulah keadaannya sebelum Tuhan memusnahkan Sodom dan Gomora.) ¹¹ Maka Lut memilih daerah di seluruh Lembah Yordan, lalu berangkatlah dia ke sebelah timur. Selepas itu,

mereka berpisah. ¹² Abram menetap di Tanah Kanaan, sementara Lut pula menetap di kota-kota raya di dataran itu dan mendirikan khemahnya berhampiran Sodom. ¹³ Adapun orang Sodom amat jahat lagi penuh kemungkaran dan dosa terhadap Tuhan.

¹⁴ Setelah Lut berpisah dengan Abram, berfirmanlah Tuhan kepada Abram, “Layangkanlah pandanganmu dari tempat kamu berdiri itu, dan tengoklah ke sebelah utara, selatan, timur, dan barat, ¹⁵ kerana seluruh negeri yang kamu lihat itu akan Kukurniakan kepadamu dan kepada keturunanmu untuk selama-lamanya.

¹⁶ Aku akan menjadikan keturunanmu seperti debu tanah yang begitu banyak sekali, hinggakan jika ada sesiapa dapat menghitung debu tanah, maka keturunanmu pun akan dapat dihitung.

¹⁷ Bersiaplah, mengembaralah ke seluruh pelosok negeri itu menurut panjang dan lebarnya, kerana kepadamulah akan Kukurniakannya.” ¹⁸ Abram pun memindahkan khemahnya lalu tinggal dekat pokok-pokok oak Mamre, di wilayah Hebron. Di sana dia mendirikan sebuah mazbah bagi Tuhan.

Abram selamatkan Lut

14 ¹ Pada zaman itu Amrafel raja Sinear, Ariokh raja Elasar, Kedorlaomer raja Elam, dan Tideal raja Goyim ² berperang melawan Bera raja Sodom, Birsya raja Gomora, Syinab raja Adma, Syemeber raja Zeboim, dan raja Bela, iaitu Zoar. ³ Lima orang raja yang terakhir disebut itu bersekutu di Lembah Sidim, iaitu Laut Mati.^v ⁴ Selama dua belas tahun lamanya raja-raja itu tertakluk di bawah pemerintahan Kedorlaomer, tetapi pada tahun ketiga belas, mereka memberontak. ⁵ Pada tahun keempat belas datanglah Kedorlaomer bersama-sama para raja yang bersekutu dengannya, lalu mereka mengalahkan orang Refaim di Asyterot-Karnaim, orang Zuzim di Ham, orang Emim di Syawe-Kiryataim, ⁶ dan orang Hori di pergunungan mereka yang bernama Seir, sampai ke El-Paran berdekatan dengan gurun. ⁷ Kemudian mereka kembali menyerang En-Mispat, iaitu Kadesh, dan menakluki seluruh negeri orang Amalek dan juga orang Amori yang tinggal di Hazon-Tamar.

⁸ Maka keluarlah raja Sodom, raja Gomora, raja Adma, raja Zeboim, dan raja Bela, iaitu Zoar. Mereka mengatur barisan perang mereka di

^v**14:3** Laut Mati: Harfiah Laut Garam.

Lembah Sidim⁹ untuk melawan Kedorlaomer raja Elam, Tideal raja Goyim, Amrafel raja Sinear, dan Ariokh raja Elasar. Empat orang raja melawan lima orang raja.¹⁰ Lembah Sidim penuh dengan lubang tar dan ketika raja-raja Sodom dan Gomora melarikan diri ke Lembah Sidim, ada beberapa daripada mereka yang terperosok ke dalam lubang-lubang tar itu manakala yang masih hidup melarikan diri ke pergunungan.

¹¹ Empat orang raja yang menang merampas segala harta benda Sodom dan Gomora serta segala bahan makanan mereka lalu pergi.

¹² Mereka juga membawa Lut, anak saudara Abram, dengan harta bendanya kerana ia tinggal di Sodom. Setelah itu, mereka pergi.

¹³ Lalu seorang yang berjaya melarikan diri pergi menemui Abram, orang Ibrani itu dan memberitahukan hal itu kepadanya. Pada masa itu Abram tinggal berdekatan dengan pokok-pokok oak milik Mamre, seorang warga Amori, saudara kepada Eskol dan Aner. Mereka ini ialah sekutu Abram.¹⁴ Ketika Abram mendengar bahawa anak saudaranya telah ditawan, dia mengerahkan 318 orang terlatih yang lahir di rumahnya. Lalu mereka mengejar gerombolan berkenaan sampai ke Dan.¹⁵ Abram membahagikan pasukannya untuk menyerang musuh pada waktu malam. Mereka mengalahkan

musuh dan mengejar mereka sampai ke Hoba, di sebelah utara Damsyik. ¹⁶ Segala harta benda dibawanya kembali, juga Lut, saudaranya, dengan harta bendanya, serta perempuan-perempuan dan orang lain.

Abram bertemu dengan Melkisedek

¹⁷ Setelah Abram kembali daripada mengalahkan Kedorlaomer serta para raja yang menjadi sekutunya, raja Sodom keluar untuk menemui Abram di Lembah Syawe, yang dikenali sebagai Lembah Raja. ¹⁸ Kemudian Melkisedek, raja Salem yang merupakan seorang imam Allah Yang Maha Tinggi, membawa roti dan anggur.

¹⁹ Dia memohon agar Abram diberkati, katanya, “Diberkatilah Abram oleh Allah Yang Maha Tinggi,
Pemilik langit dan bumi.

²⁰ Segala puji bagi Allah Yang Maha Tinggi, yang telah menyerahkan musuh-musuhmu ke dalam tanganmu.”

Lalu Abram memberinya sepersepuluh daripada segala harta benda itu.

²¹ Berkatalah raja Sodom kepada Abram, “Berilah aku orang itu, dan ambillah harta benda itu untukmu.”

²² Tetapi Abram menjawab raja Sodom, “Aku telah bersumpah kepada Tuhan, iaitu Allah Yang Maha Tinggi, Pemilik langit dan bumi, ²³ bahawa aku tidak akan mengambil selembur benang atau tali kasut pun daripada semua yang ada padamu supaya jangan kamu berkata, ‘Aku telah membuat Abram kaya.’ ²⁴ Aku tidak akan mengambil apa-apa pun kecuali pampasan bagi apa yang dimakan atau digunakan oleh orang muda yang menyertai aku, iaitu Aner, Eskol, dan Mamre. Biarlah mereka mengambil bahagian masing-masing.”

Perjanjian Allah dengan Abram

15 ¹ Sesudah berbagai-bagai peristiwa itu, datanglah firman Tuhan kepada Abram dalam suatu penglihatan demikian, “Jangan takut, Abram, Akulah perisaimu. Pahalamu akan sangat besar.”

² Jawab Abram, “Ya Tuhan Allah, apakah yang hendak Engkau kurniakan kepadaku? Sampai sekarang aku tidak mempunyai anak, dan yang akan mewarisi rumahku ialah Eliezer, orang Damsyik itu.” ³ Kata Abram pula, “Sesungguhnya, Engkau belum mengurniakan kepadaku keturunan, sehingga hamba yang lahir di rumahku lah yang akan menjadi ahli warisku.”

⁴ Tetapi datanglah firman Tuhan kepadanya demikian, “Bukan orang itu yang akan menjadi ahli warismu, melainkan anak lelaki darah dagingmu sendirilah yang akan menjadi ahli warismu.” ⁵ Kemudian Dia membawa Abram keluar dan berfirman, “Menengadahlah ke langit dan hitunglah bintang jika kamu dapat menghitungnya.” Firman-Nya kepadanya, “Demikianlah banyaknya keturunanmu kelak.”

⁶ Lalu Abram percaya kepada Tuhan dan Tuhan memperhitungkan hal itu baginya sebagai perbenaran.^w

⁷ Seterusnya Dia berfirman lagi kepadanya, “Akulah Tuhan, yang membawa kamu keluar dari Ur-Kasdim untuk memberikan negeri ini kepadamu dan menjadikannya milikmu.”

⁸ Kata Abram, “Ya Tuhan Allah, bagaimanakah akan kutahu bahawa aku akan memilikinya?”

⁹ Firman Tuhan kepadanya, “Ambillah bagi-Ku seekor lembu betina muda, seekor kambing betina, dan seekor domba jantan, masing-masing berumur tiga tahun, juga seekor burung tekukur

^w**15:6** Tuhan menganggap kepercayaan Abram kepada-Nya sebagai perbenaran (bhs. Ibrani: tsadeq). Abram diiktiraf sebagai seorang yang benar, hidup selaras dengan kehendak Allah serta melaksanakan tuntutan-tuntutan-Nya.

15:5: Rm 4:18; Ibr 11:12. **15:6:** Rm 4:3; Gal 3:6; Yak 2:23.

dan seekor anak burung merpati.”¹⁰ Abram mengambil semua itu bagi-Nya, membelahnya menjadi dua, lalu meletakkan belahan yang satu berhadapan dengan yang lain. Tetapi burung-burung tidak dibelah dua.¹¹ Ketika burung-burung pemangsa hinggap di atas daging sembelihan itu, Abram pun menghalaunya.

¹² Menjelang matahari terbenam, Abram tertidur lelap. Tiba-tiba, dia diselubungi oleh kegelapan yang dahsyat dan ketakutan mencengkam dirinya.¹³ Kemudian Tuhan berfirman kepada Abram, “Ketahuilah sesuatu yang pasti bahawa keturunanmu akan menjadi pendatang di negeri orang dan akan diperhamba serta ditindas selama empat ratus tahun.¹⁴ Akan tetapi, Aku akan menghukum bangsa yang memperhamba mereka, dan setelah itu mereka akan keluar dari negeri itu dengan membawa harta benda yang banyak.¹⁵ Akan tetapi, kamu pula akan pergi kepada nenek moyangmu dengan sejahtera. Kamu akan dimakamkan pada usia yang sangat tua.¹⁶ Keturunan yang keempat akan kembali ke sini, kerana kejahatan orang Amori belum mencapai tahap puncaknya.”

15:12: Ayb 4:13,14. **15:13:** Kel 1:1-14; Kis 7:6.

15:14: Kel 12:40,41; Kis 7:7.

¹⁷ Setelah matahari terbenam dan hari menjadi gelap, tiba-tiba tampaklah sebuah pendiangan yang berasap dan obor yang menyala-nyala bergerak-gerak di antara potongan-potongan daging itu. ¹⁸ Pada hari itu juga Tuhan membuat perjanjian dengan Abram, firman-Nya, “Kepada keturunanmu Kuberikan negeri ini, dari Wadi Mesir sampai sungai besar, yaitu Sungai Efrat, ¹⁹ meliputi tanah orang Keni, orang Kenas, orang Kadmon, ²⁰ orang Het, orang Feris, orang Refaim, ²¹ orang Amori, orang Kanaan, orang Girgasi, dan orang Yebus.”

Kelahiran Ismael

16 ¹ Sarai, isteri Abram, masih belum melahirkan anak bagi Abram. Tetapi dia mempunyai seorang hamba perempuan, orang Mesir bernama Hagar. ² Maka kata Sarai kepada Abram, “Kerana Tuhan telah menahan aku daripada mengandungkan anak, kahwin sajalah dengan hambaku, siapa tahu aku dapat memperoleh anak melaluinya.” Maka Abram mendengar dan menurut usul Sarai itu. ³ Lalu Sarai isteri Abram membawa Hagar, warga Mesir yang menjadi hambanya itu, dan memberikannya kepada Abram suaminya untuk menjadi isterinya.

Pada waktu itu sudah sepuluh tahun lamanya Abram tinggal di Tanah Kanaan. ⁴ Abram pun meniduri Hagar, lalu mengandunglah perempuan itu. Apabila Hagar tahu sahaja bahawa dia mengandung, mulalah dia memandang rendah terhadap cik puannya.

⁵ Lalu Sarai berkata kepada Abram, “Penghinaan yang kudapat ini ialah tanggungmu! Aku memberikan hambaku ke pangkuanmu, tetapi ketika dia tahu bahawa dia mengandung, dia memandang rendah kepadaku. Semoga Tuhan menjadi Hakim antara aku dengan kamu.”

⁶ Kata Abram kepada Sarai, “Sesungguhnya, hambamu itu berada bawah kekuasaanmu. Lakukanlah terhadapnya mengikut budi bicaramu.” Maka Sarai menindas Hagar sehingga larilah Hagar daripadanya.

⁷ Malaikat Tuhan menjumpainya dekat sebuah mata air di gurun itu, iaitu berdekatan mata air di jalan yang menuju ke Syur. ⁸ Sabdanya, “Wahai Hagar, hamba Sarai, dari manakah kamu dan hendak ke mana?”

Jawab perempuan itu, “Aku melarikan diri daripada Sarai, cik puanku.”

⁹ Sabda malaikat Tuhan kepadanya, “Kembalilah kepada cik puanmu dan tunduklah di bawah kuasanya.” ¹⁰ Sabda malaikat Tuhan pula kepadanya, “Aku akan membuat keturunanmu

menjadi tersangat ramai hingga tidak terhitung banyaknya.”¹¹ Selanjutnya malaikat Tuhan bersabda kepadanya,

“Kamu sedang mengandung dan kamu akan melahirkan seorang anak lelaki.

Namailah dia Ismael,^x kerana Tuhan telah mendengar jeritan kesusahanmu.

¹² Dia akan menjadi orang yang hidupnya seperti keldai liar.

Tangannya akan melawan setiap orang, dan tangan setiap orang akan melawan dia. Dia akan hidup bertentangan dengan semua saudaranya.”

¹³ Lalu Hagar menyebut nama Tuhan yang berfirman kepadanya itu “Engkaulah Allah Yang Melihat,” kerana katanya, “Sesungguhnya, aku nampak Dia yang melihat aku.”¹⁴ Itulah sebabnya perigi itu, yang letaknya di antara Kadesh dengan Bered, disebut Perigi Lahai-Roi.^y

^x**16:11** Dlm bhs Ibrani nama, ‘Ismael’ bererti ‘Allah mendengar’ (lihat juga Kej. 17:20, 21:17).

^y**16:14** Dlm bhs Ibrani nama ‘Lahai Roi’ bererti ‘Dia yang hidup, yang memperhatikan aku.’

¹⁵ Maka Hagar melahirkan seorang anak lelaki bagi Abram yang menamai anaknya yang dilahirkan oleh Hagar itu Ismael. ¹⁶ Dan Abram berumur 86 tahun pada waktu Hagar melahirkan Ismael.

Tanda perjanjian Allah dengan Abraham

17 ¹ Ketika Abram berusia 99 tahun, Tuhan menampakkan diri kepada Abram dan berfirman kepadanya, “Akulah Allah Yang Maha Kuasa, hiduplah tanpa bercela di hadapan-Ku. ² Aku akan mengesahkan perjanjian antara Aku dengan kamu, dan Aku akan menjadikan keturunanmu sebegitu ramai.” ³ Maka sujudlah Abram. Lalu Allah berfirman kepadanya, ⁴ “Daripada pihak-Ku, inilah perjanjian-Ku dengan kamu: Kamu akan menjadi bapa kepada beberapa banyak bangsa. ⁵ Namamu bukan Abram lagi, kini namamu Abraham, kerana Aku akan menjadikan kamu bapa kepada beberapa banyak bangsa. ⁶ Aku akan membuat kamu beranak cucu sangat banyak. Melalui kamu Aku akan menjadikan bangsa-bangsa, bahkan raja-raja akan muncul daripada keturunanmu. ⁷ Aku akan mengesahkan perjanjian-Ku antara Aku dengan kamu serta keturunanmu kelak,

turun-temurun, menjadi suatu perjanjian yang kekal, yaitu bahawa Aku akan menjadi Allah kepadamu dan kepada keturunanmu.

⁸ Kepadamu dan kepada keturunanmu kelak akan Kuberikan negeri yang kini kamu tinggal sebagai pendatang, yaitu seluruh Tanah Kanaan yang akan menjadi milikmu yang kekal. Aku pun akan menjadi Allah mereka.”

⁹ Firman Allah pula kepada Abraham, “Bagi pihakmu, kamu dan juga keturunanmu kelak turun-temurun mesti berpegang teguh pada perjanjian-Ku. ¹⁰ Inilah perjanjian-Ku yang harus kamu pegang teguh, yaitu perjanjian antara Aku dengan kamu serta keturunanmu kelak: Setiap lelaki antara kamu harus disunatkan.

¹¹ Kulup iaitu kulit khatanmu mesti dikerat, dan itu akan menjadi tanda perjanjian antara Aku dengan kamu. ¹² Bagi kesemua keturunanmu, setiap anak lelaki berumur delapan hari mesti disunatkan, sama ada mereka yang dilahirkan di rumahmu atau yang dibeli daripada orang asing mana-mana pun yang bukan keturunanmu.

¹³ Anak lelaki yang lahir di rumahmu ataupun yang dibeli dengan wang harus disunatkan. Demikianlah tanda peringatan perjanjian-Ku akan jelas kelihatan dan kekal pada tubuhmu. ¹⁴ Lelaki

yang tidak disunatkan, iaitu yang kulupnya tidak dikerat, perlu disingkirkan daripada suku bangsanya kerana dia gagal menyempurnakan kehendak perjanjian-Ku.”

Kelahiran Ishak dijanjikan

¹⁵ Selanjutnya Allah berfirman kepada Abraham, “Dalam hal Sarai, isterimu, jangan lagi kamu memanggilnya Sarai. Panggil dia Sarah. Itulah namanya. ¹⁶ Aku akan memberkatinya, dan melalui dia juga Aku akan memberikan seorang anak lelaki kepadamu. Aku akan memberkatinya, dan dia akan menjadi ibu bagi bangsa-bangsa. Raja-raja pelbagai negeri akan muncul daripada keturunannya.”

¹⁷ Maka sujudlah Abraham lalu tertawa dan berkata dalam hatinya, “Mungkinkah seorang anak lelaki dilahirkan daripada lelaki yang berumur seratus tahun? Mungkinkah Sarah, yang sudah berusia 90 tahun melahirkan anak?”

¹⁸ Lalu berkatalah Abraham kepada Allah, “Semogalah Ismael diperkenankan hidup di hadapan-Mu!”

¹⁹ Firman Allah, “Sesungguhnya Sarah, isterimu, akan melahirkan seorang anak lelaki bagimu. Namailah dia Ishak. Aku akan mengesahkan perjanjian-Ku dengannya untuk menjadi suatu perjanjian yang kekal bagi keturunannya.

²⁰ Tentang Ismael, Aku sudah mendengar permintaanmu. Sesungguhnya, Aku akan memberkatinya dan membuatnya beranak cucu serta melipatgandakannya dengan banyak sekali. Dia akan menjadi leluhur kepada dua belas pemimpin, dan Aku akan menjadikannya suatu bangsa yang besar. ²¹ Namun demikian, perjanjian-Ku akan Kutetapkan dengan Ishak, yang akan dilahirkan Sarah bagimu pada waktu seperti ini pada tahun mendatang.” ²² Setelah selesai berfirman kepada Abraham, Allah pun meninggalkannya.

²³ Kemudian Abraham memanggil Ismael, anaknya, dan semua orang yang lahir di rumahnya, juga semua orang yang dibeli dengan wang, semua lelaki daripada seisi rumah Abraham. Pada hari itu juga, dia mengkhatakan kulup mereka, seperti yang difirmankan Allah kepadanya. ²⁴ Abraham berumur sembilan puluh sembilan tahun pada waktu kulupnya dikhatankan, ²⁵ manakala anaknya, Ismael berusia tiga belas tahun sewaktu dia dikhatankan. ²⁶ Pada hari itu juga Abraham dan Ismael, anaknya, disunatkan. ²⁷ Semua lelaki yang ada di rumahnya, baik yang lahir di rumahnya mahupun yang dibeli dengan wang daripada orang asing, disunatkan bersama-samanya.

Tiga orang tetamu istimewa

18 ¹Tuhan menampakkan diri kepada Abraham dekat pokok-pokok oak Mamre semasa dia duduk di pintu khemahnya sewaktu hari paling panas terik. ²Apabila dia mengangkat kepalanya kelihatan kepadanya tiga orang berdiri tidak begitu jauh daripadanya. Sebaik sahaja melihat mereka, berlarilah dia dari pintu khemahnya untuk mendapatkan mereka lalu sujud memberi hormat. ³Katanya, “Ya tuan, perkenankan hamba ini, janganlah kiranya tuan berlalu meninggalkan hambamu ini begitu sahaja. ⁴Air akan diambil agar tuan-tuan membasuh kaki dan berehat di bawah pokok ini. ⁵Izinkan hamba membawakan roti agar tuan-tuan dapat menyegarkan diri, kerana tuan-tuan sudah datang mengunjungi hamba.

Setelah itu, barulah tuan-tuan meneruskan perjalanan.” Kata mereka, “Baik, lakukanlah seperti yang kaukatakan.” ⁶Abraham segera masuk ke dalam khemah mendapatkan Sarah dan berkata, “Cepat, ambillah tiga sukut tepung terbaik! Ulilah dan buatlah roti.” ⁷Kemudian Abraham berlari ke arah ternakan lembunya. Diambilnya seekor anak lembu yang tambun

dan baik dagingnya lalu diserahkan kepada hambanya, yang segera menyediakannya.

⁸ Setelah itu, Abraham membawa dadih, air susu, dan anak lembu yang telah disediakan itu, lalu menyajikannya di hadapan para tetamunya itu. Sementara mereka makan, dia berdiri berdekatan dengan mereka di bawah pokok itu.

⁹ Kemudian mereka bertanya kepadanya, “Di manakah isterimu, Sarah?”

Jawabnya, “Di sana, di dalam khemah.”

¹⁰ Kata seorang daripada mereka, “Tahun depan Aku akan kembali kepadamu, dan pada waktu itu Sarah, isterimu, akan mempunyai seorang anak lelaki.”

Hal itu didengar oleh Sarah dari pintu khemah di belakang Abraham. ¹¹ Pada waktu itu, Abraham dan Sarah sudah tua dan lanjut umur mereka, malah Sarah pun sudah putus haid. ¹² Oleh itu, tertawalah Sarah dalam hatinya, katanya, “Akan berseronokkah aku setelah sebegini tua, apatah lagi suamiku² pun sudah tua?”

¹³ Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Abraham, “Mengapakah Sarah tertawa dan berkata, ‘Akankah aku lahirkan anak, kerana kini aku sudah tua begini?’ ¹⁴ Adakah apa-apa yang

²18:12 Harfiah: Tuan aku.

mustahil bagi Tuhan? Pada waktu yang telah ditetapkan, iaitu tahun hadapan, Aku akan kembali kepadamu dan Sarah akan mempunyai seorang anak lelaki.”

¹⁵ Sarah menjadi takut lantas dia menyangkal dan berkata, “Aku tidak tertawa.”

Tetapi jawab-Nya, “Tidak, kamu memang tertawa.”

¹⁶ Kemudian orang itu berangkat dari sana dan memandang ke arah Sodom. Abraham berjalan menyertai mereka untuk menghantarkan mereka.

¹⁷ Tuhan berfirman, “Akankah Kusembunyikan daripada Abraham apa yang hendak Kulakukan ini, ¹⁸ sedangkan Abraham akan menjadi bangsa yang besar dan kuat, dan melaluinya semua bangsa di bumi akan diberkati? ¹⁹ Aku telah memilih dia agar dia memerintahkan anak-anak serta kaum keluarganya untuk memelihara jalan Tuhan dengan melakukan yang benar dan adil. Dengan demikian, Tuhan memenuhi apa yang telah dijanjikan-Nya kepada Abraham.”

²⁰ Selanjutnya Tuhan berfirman, “Hebat sekali jeritan terhadap Sodom dan Gomora dan dosa mereka teramat berat. ²¹ Aku akan hadir untuk mengamati sama ada perbuatan mereka memang selaras dengan bangkangan yang diteriakkan kepada-Ku atau tidak. Aku mahu menyelidikinya.”

Doa Abraham untuk Sodom

²² Maka dua orang itu beranjak dari sana dan berjalan ke arah Sodom, tetapi Abraham masih tetap berdiri di hadapan Tuhan. ²³ Lalu Abraham mendekat-Nya dan berkata, “Masakan Engkau melenyapkan orang benar bersama-sama orang fasiq? ²⁴ Kalau ada lima puluh orang benar dalam kota itu, akankah Engkau tetap lenyapkan tempat itu? Tidakkah Engkau mahu pelihara tempat itu kerana lima puluh orang benar yang ada di dalamnya? ²⁵ Engkau sekali-kali tidak akan melakukan hal itu, membunuh orang benar bersama-sama orang fasiq, sehingga orang benar itu disamakan dengan orang fasiq. Engkau sekali-kali tidak akan melakukan sedemikian! Bukankah Hakim semesta bumi akan berlaku adil?”

²⁶ Firman Tuhan, “Jika Kudapati lima puluh orang benar di Kota Sodom, maka akan Kupelihara seluruh tempat itu kerana mereka.”

²⁷ Kata Abraham pula, “Sesungguhnya, aku memberanikan diri berbicara kepada Tuhan, sekalipun aku hanyalah debu dan abu. ²⁸ Kalau kurang lima sahaja daripada lima puluh orang benar itu, akankah Engkau tetap musnahkan seluruh kota itu hanya kerana lima orang itu?”

Firman-Nya, “Jika Kudapati di sana empat puluh lima orang, Aku tidak akan memusnahkannya.”

²⁹ Abraham berkata lagi kepada-Nya, “Kalau didapati empat puluh orang di sana?”

Firman-Nya, “Kerana empat puluh orang itu Aku tidak akan melakukannya.”

³⁰ Kata Abraham, “Janganlah kiranya Tuhan murka jika aku berbicara lagi. Kalau didapati di sana tiga puluh orang?”

Firman-Nya, “Jika Kudapati di sana tiga puluh orang Aku tidak akan melakukan hal itu.”

³¹ Kata Abraham, “Sesungguhnya, aku memberanikan diri berbicara kepada Tuhan. Kalau didapati di sana dua puluh orang?”

Firman-Nya, “Kerana dua puluh orang itu Aku tidak akan memusnahkannya.”

³² Kata Abraham, “Semoga Tuhan tidak murka jika aku berbicara sekali ini sahaja lagi. Kalau didapati di sana sepuluh orang?”

Firman-Nya, “Kerana kesepuluh orang itu Aku tidak akan memusnahkannya.” ³³ Setelah selesai berfirman kepada Abraham, Tuhan meninggalkan tempat itu, lalu Abraham pun kembali ke kediamannya.

Pemusnahan Sodom dan Gomora

19 ¹ Maka malaikat berdua itu sampai di Sodom pada petang hari. Lut yang pada

waktu itu sedang duduk di pintu gerbang Sodom terlihat mereka. Dia pun bangkit serta mendapati mereka lalu sujud. ² Katanya, “Tuan-tuan, kumohon semoga tuan-tuan bersinggahlah di rumah hambamu ini, dan bermalamlah. Basuhlah kaki tuan-tuan, esok pagi tuan-tuan dapat melanjutkan perjalanan.”

Jawab mereka, “Tak perlu susah-susah, kerana kami akan bermalam di kawasan lapang sahaja.”

³ Namun demikian, Lut beria-ia mendesak mereka sehingga mereka singgah juga dan masuk ke rumahnya. Dia menjamu mereka. Dibuatnya roti yang tidak beragi, lalu mereka pun makan.

⁴ Akan tetapi, sebelum mereka tidur orang lelaki dari seluruh penjuru Kota Sodom, daripada yang muda sampai yang tua, datang mengepung rumah itu. ⁵ Mereka memanggil Lut dan berkata kepadanya, “Di manakah dua orang lelaki yang bertamu denganmu malam ini? Bawalah mereka keluar kepada kami, supaya kami dapat meniduri mereka.”

⁶ Lalu keluarlah Lut mendapatkan mereka di depan pintu, tetapi ditutupnya pintu itu di belakangnya. ⁷ Katanya, “Hai saudara-saudaraku, aku minta sangat-sangat, janganlah berbuat kekejaman itu. ⁸ Dengarlah, aku mempunyai

dua orang anak perempuan yang belum pernah ditiduri lelaki. Biarlah kubawa mereka keluar kepadamu. Layanilah mereka menurut apa yang kamu pandang baik. Hanya, jangan lakukan apa-apa terhadap mereka itu yang datang bernaung di bawah atap rumahku.”

⁹ Kata mereka, “Nyahlah kamu jauh-jauh!” Kata mereka pula, “Lelaki ini datang menetap di sini sebagai pendatang, tetapi kini dia mahu menjadi hakim! Sekarang, kamu akan kami perlakukan lebih keras daripada kami perlakukan mereka.” Lalu dengan kasar mereka menolak kuat Lut, sehingga cukup dekat untuk memecahkan pintu.

¹⁰ Tetapi malaikat berdua itu menghulurkan tangan serta menarik Lut masuk ke dalam rumah, lalu menutup pintu. ¹¹ Kemudian mereka membutakan mata kalangan lelaki yang ada di depan pintu rumah itu, daripada yang kecil sampai yang besar, sehingga mereka kepayahan mencari-cari pintu.

¹² Berkatalah kedua-duanya kepada Lut, “Siapakah lagi keluargamu di sini? Bawalah keluar dari tempat ini menantu, anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan, atau siapa sahaja keluargamu di kota ini, ¹³ kerana kami akan memusnahkan tempat ini. Sesungguhnya,

begitu hebat jeritan terhadap kota ini di hadapan Tuhan sehingga Tuhan mengutus kami untuk memusnahkannya.”

¹⁴ Maka keluarlah Lut lalu berbicara dengan kedua-dua bakal menantunya yang akan memperisteri anak-anak gadisnya. Katanya, “Bersiaplah, keluarlah dari tempat ini, kerana Tuhan akan memusnahkan kota ini!” Tetapi kedua-dua bakal menantu Lut itu menganggap Lut cuma sedang memperolok-olokkan mereka.

¹⁵ Ketika fajar menyingsing, kedua-dua malaikat itu mendesak Lut, kata mereka, “Cepat! Bawalah isterimu dan kedua-dua anak perempuanmu yang ada di sini, supaya kamu tidak ikut dilenyapkan kerana kedurjanaan kota ini.” ¹⁶ Tetapi Lut masih berlengah-lengah, maka kedua-dua malaikat pun memegang tangannya, tangan isterinya, dan tangan kedua-dua anak perempuannya, kerana Tuhan berbelas kasihan kepada mereka. Mereka dibawa ke luar dan dilepaskan di luar kota. ¹⁷ Setelah mereka membawa keluarga itu keluar, berkatalah seorang daripada malaikat itu, “Larilah, selamatkanlah nyawamu! Jangan menoleh ke belakang dan jangan berhenti di mana-mana pun di lembah ini. Larilah ke pergunungan, supaya kamu tidak dilenyapkan.”

¹⁸ Tetapi kata Lut kepada mereka, “Janganlah begitu, ya tuan. ¹⁹ Memang tuan telah mengasihani hambamu ini, dan tuan sudah menunjukkan kebaikan yang besar kepada hamba dengan menyelamatkan nyawa hamba. Tetapi hamba tidak sanggup lari ke pergunungan itu, jangan-jangan hamba dipintasi malapetaka itu lalu mati. ²⁰ Lihat, kota di sana itu cukup dekat untuk dituju, apatah lagi kota itu kecil. Izinkan hamba lari ke sana supaya nyawa hamba terselamat. Bukankah kota itu kecil?”

²¹ Katanya kepada Lut, “Baiklah, dalam hal ini pun permintaanmu kuterima. Aku tidak akan menelungkupkan kota yang kausebutkan itu.

²² Larilah segera ke sana, kerana aku tidak dapat berbuat apa-apa sebelum kamu sampai di sana.”

Itulah sebabnya kota itu dinamai Zoar.

Allah memusnahkan Sodom

²³ Matahari baru sahaja terbit di atas bumi ketika Lut sampai di Zoar. ²⁴ Lalu Tuhan menghujani Sodom dan Gomora dengan belerang dan api. Dari langitlah Tuhan turunkan belerang dan api itu. ²⁵ Dia menelungkupkan kota-kota itu bahkan seluruh lembah, seluruh

penduduk, serta tumbuh-tumbuhan di tanah.

²⁶ Tetapi isteri Lut menoleh ke belakang lalu menjadi sebatang tiang garam.

²⁷ Abraham bangun pagi-pagi lalu pergi ke tempat dia berdiri di hadapan Tuhan.

²⁸ Dilayangkannya pandang ke arah Sodom dan Gomora serta seluruh lembah itu. Tampak asap membumbung dari tanah itu, seperti asap dari sebuah relau. ²⁹ Pada waktu Allah memusnahkan kota-kota di lembah itu, Dia mengingat perjanjian-Nya dengan Abraham. Oleh sebab itu Dia menyuruh Lut keluar dari tengah-tengah kehancuran itu sewaktu Dia menelungkupkan kota-kota raya tempat Lut tinggal.

Asal usul bangsa Moab dan Amon

³⁰ Kemudian, dari Zoar, Lut bersama-sama dua orang anak perempuannya pergi lalu tinggal di pergunungan kerana dia berasa takut untuk tinggal di Zoar. Maka menetaplah Lut di dalam sebuah gua bersama-sama dua orang anak perempuannya itu. ³¹ Pada suatu waktu, anak perempuannya yang lebih tua berkata kepada adiknya, “Ayah kita sudah tua, dan tidak ada lelaki di negeri ini yang akan

mengahwini kita, seperti kebiasaan di seluruh bumi. ³² Marilah kita beri ayah kita minum air anggur lalu kita tidur dengannya, supaya kita dapat melanjutkan keturunan ayah kita.” ³³ Maka mereka membuat ayah mereka minum air anggur yang memabukkan pada malam itu. Lalu masuklah anak yang sulung dan tidur dengan ayahnya. Tetapi ayahnya tidak sadar, baik ketika anaknya itu berbaring mahupun ketika anaknya itu bangkit.

³⁴ Keesokan harinya, berkatalah si kakak kepada adiknya, “Dengarlah, semalam aku meniduri ayah. Mari kita memabukkan dia dengan air anggur lagi malam ini dan masuklah kamu dan tidur dengannya supaya kita dapat melanjutkan keturunan ayah kita.” ³⁵ Maka mereka membuat ayah mereka minum air anggur lagi pada malam itu, lalu bangunlah anak yang lebih muda dan tidur dengan ayahnya. Tetapi ayahnya tidak sadar, baik ketika anaknya itu berbaring mahupun ketika anaknya itu bangkit. ³⁶ Maka kedua-dua anak perempuan Lut itu pun mengandung hasil perbuatan ayah mereka. ³⁷ Anak yang sulung melahirkan seorang anak lelaki yang dinamainya Moab. Dialah bapa leluhur orang Moab yang ada sekarang ini. ³⁸ Anak yang bongsu pun melahirkan seorang anak lelaki yang dinamainya

Ben-Ami. Dia bapa leluhur bani Amon yang ada sekarang ini.

Abraham dan Abimelekh

20¹ Kemudian Abraham berangkat dari sana ke Tanah Negeb lalu menetap di antara Kadesh dengan Syur. Dia tinggal di Gerar sebagai pendatang.² Tentang Sarah, isterinya, Abraham berkata, “Dia saudaraku.” Maka Abimelekh, raja Gerar, menyuruh orang menjemput Sarah.³ Akan tetapi, Allah muncul dalam suatu mimpi Abimelekh pada malam hari dan berfirman kepadanya, “Ketahuilah, kamu akan mati kerana perempuan yang kamu jemput itu, sebab dia sudah pun bersuami.”

⁴ Pada waktu itu Abimelekh belum menghampiri Sarah. Maka katanya, “Ya Tuhan, akankah Engkau membunuh bangsa yang tidak bersalah?”

⁵ Bukankah orang itu sendiri berkata kepadaku, ‘Dia saudaraku’? Bahkan perempuan itu sendiri pun berkata, ‘Dia saudaraku.’ Jadi, dengan tulus hati dan dengan tangan yang suci aku melakukan hal ini.”

⁶ Lalu firman Allah kepadanya dalam mimpi itu, “Aku tahu bahawa kamu melakukan hal itu dengan tulus hati. Itulah sebabnya Aku

hendak mencegah kamu berbuat dosa terhadap Aku, dan sebabnya Aku tidak membiarkan kamu menyentuh perempuan itu. ⁷ Sekarang, kembalikanlah isteri orang itu, kerana suaminya seorang nabi. Dia akan berdoa untukmu sehingga kamu akan tetap hidup. Tetapi jika kamu tidak mengembalikan perempuan itu, ketahuilah bahawa kamu dan semua orang yang ada denganmu sesungguhnya akan mati.”

⁸ Keesokan harinya Abimelekh bangun pagi-pagi, lalu memanggil semua hambanya dan memberitahukan semua hal itu kepada mereka. Maka mereka menjadi sangat takut. ⁹ Kemudian Abimelekh memanggil Abraham dan berkata kepadanya, “Apakah yang telah kaulakukan terhadap kami? Apakah dosaku kepadamu sehingga kamu mendatangkan dosa yang besar terhadap diriku dan terhadap kerajaanku? Kamu telah melakukan perbuatan yang tidak patut terhadapku.” ¹⁰ Kata Abimelekh pula kepada Abraham, “Apakah maksudmu sehingga kamu berbuat demikian?”

¹¹ Jawab Abraham, “Aku menyangka bahawa di tempat ini sama sekali tidak ada orang yang takut kepada Allah, sehingga tentulah aku akan dibunuh kerana isteriku. ¹² Apatah lagi, memang dia saudaraku. Dia anak ayahku, tetapi dia cuma bukan anak ibuku, lalu dia menjadi isteriku.

¹³ Jadi, ketika Allah menyuruh aku mengembara meninggalkan rumah ayahku, aku berkata kepadanya, 'Nyatakanlah kasihmu kepadaku dengan cara ini: Di tempat mana-mana pun kita tiba, katakanlah bahawa aku saudaramu.' "

¹⁴ Kemudian Abimelekh mengambil kawanan domba, kawanan lembu, serta hamba-hamba lelaki dan perempuan, dan memberikan semua itu kepada Abraham. Dia pun mengembalikan kepadanya Sarah, isteri Abraham itu. ¹⁵ Kata Abimelekh, "Lihat, negeriku terbuka untukmu. Tinggallah di mana-mana sahaja kau suka."

¹⁶ Katanya kepada Sarah, "Dengar, aku telah memberikan seribu keping perak kepada saudaramu di hadapan mata semua orang yang ada bersama-samamu sebagai bukti kesucianmu. Dalam segala hal kamu dinyatakan tidak bersalah."

¹⁷ Lalu Abraham memanjatkan doa kepada Allah, dan Allah menyembuhkan Abimelekh, isterinya, serta hamba-hambanya yang perempuan sehingga mereka dapat melahirkan anak lagi. ¹⁸ Sebabnya sebelum itu Tuhan telah menutup rahim setiap perempuan di istana Abimelekh kerana Sarah, isteri Abraham itu.

Kelahiran Ishak anak Abraham

21 ¹ Tuhan memperhatikan Sarah seperti yang telah difirmankan-Nya, dan Tuhan melakukan kepada Sarah seperti yang telah dijanjikan-Nya. ² Maka mengandunglah Sarah, lalu melahirkan seorang anak lelaki bagi Abraham pada masa tuanya, iaitu pada waktu yang telah ditentukan, selaras dengan janji Allah kepadanya. ³ Abraham menamai anaknya yang baru lahir itu Ishak,^a iaitu anak yang dilahirkan Sarah baginya. ⁴ Lalu Abraham menyunat Ishak anaknya itu pada usia delapan hari, seperti yang diperintahkan Allah kepadanya. ⁵ Umur Abraham seratus tahun sewaktu anaknya, Ishak, dilahirkan. ⁶ Sarah berkata, “Allah telah membuat aku tertawa. Setiap orang yang mendengarnya akan tertawa bersama-samaku.” ⁷ Katanya pula, “Siapakah yang dahulu dapat mengatakan kepada Abraham bahawa Sarah menyusui anak? Namun begitu, aku telah melahirkan seorang anak lelaki baginya pada masa tuanya.”

^a**21:3** Dlm bhs Ibrani nama Ishak bererti, ‘tertawa.’

21:2: Ibr 11:11. **21:4:** Kej 17:12; Kis 7:8.

Hagar dan Ismael disuruh pergi

⁸ Anak itu kian membesar lalu dia dicerai susu. Abraham membuat kenduri besar pada hari Ishak dicerai susu itu.

⁹ Pada suatu hari, Sarah melihat anak yang dilahirkan Hagar, seorang perempuan Mesir, bagi Abraham, tertawa^b. ¹⁰ Maka berkatalah Sarah kepada Abraham, “Usirlah hamba perempuan itu bersama-sama anaknya, kerana anak hamba perempuan ini tidak boleh menjadi ahli waris bersama-sama anakku, Ishak.” ¹¹ Hal itu sangat menyusahkan hati Abraham kerana Ismael juga anaknya. ¹² Tetapi Allah berfirman kepada Abraham, “Janganlah bersusah hati kerana anak itu dan hamba perempuanmu itu. Semua yang dikatakan Sarah kepadamu haruslah kamu dengar, kerana keturunan daripada Ishak yang akan disebut sebagai keturunanmu. ¹³ Namun demikian, anak daripada hamba perempuan itu pun akan Kujadikan satu bangsa, kerana dia juga keturunanmu.”

¹⁴ Keesokan harinya Abraham bangun pagi-pagi. Diambilnya roti serta sebuah kantung kulit

^b**21:9** Ada terjemahan disertakan ayat, ‘bermain dengan Ishak.’

berisi air, lalu diberikan kepada Hagar dengan meletakkannya pada bahunya. Anaknya juga diserahkan lalu disuruhnya perempuan itu pergi. Maka berjalanlah Hagar dan berkelana di Gurun Bersyeba. ¹⁵ Apabila kehabisan air di dalam kantung kulit itu, Hagar merebahkan anaknya di bawah sepohon pokok renek. ¹⁶ Lalu pergilah dia duduk agak jauh berseberangan dengan anak itu, kira-kira sejauh jarak tembakan panah, kerana katanya, “Semoga janganlah aku melihat anak itu mati.” Sambil duduk berhadapan dari jauh dengan anaknya itu, diangkatlah suaranya dan menangis dengan nyaring.

¹⁷ Allah mendengar suara anak itu, lalu malaikat Allah memanggil Hagar dari langit. Sabda-Nya kepadanya, “Ada apa dengan kamu, Hagar? Jangan takut, kerana Allah mendengar suara anak itu dari tempat dia direbahkan itu. ¹⁸ Bangkitlah, angkatlah anak itu, dan tuntunlah dia, kerana Aku akan menjadikannya satu bangsa yang besar.” ¹⁹ Kemudian Allah membuka mata Hagar sehingga dia melihat sebuah perigi. Maka pergilah dia mengisi kantung kulitnya dengan air, lalu memberi anak itu minum. ²⁰ Allah menyertai anak itu yang kian membesar. Dia tinggal di gurun itu lalu menjadi seorang pemanah. ²¹ Tinggallah dia di Gurun Paran, dan seterusnya, ibunya

mendapatkan seorang isteri dari Tanah Mesir untuknya.

Perjanjian Abraham dengan Abimelekh

²² Pada waktu itu berkatalah Abimelekh dan Pikhol, panglima tenteranya, kepada Abraham, “Allah menyertai kamu dalam segala sesuatu yang kamu lakukan.” ²³ Sekarang, bersumpahlah kepadaku di sini demi Allah bahawa kamu tidak akan bertindak curang terhadapku, terhadap anak-anakku, atau terhadap cucu-cicitku. Sebagaimana aku telah melayan kamu dengan baik, berlaku jugalah demikian terhadap aku dan terhadap negeri ini, tempat kamu tinggal sebagai pendatang.”

²⁴ Kata Abraham, “Aku bersumpah.”

²⁵ Kemudian Abraham merungut kepada Abimelekh fasal perigi yang dirampas oleh para hamba Abimelekh. ²⁶ Abimelekh menjawab, “Aku tidak tahu siapa yang melakukan hal itu. Apatah lagi, kamu tidak memberitahu fasal itu kepadaku. Belum pernah aku dengar fasalnya sehingga hari ini.” ²⁷ Maka Abraham mengambil beberapa ekor domba dan beberapa ekor lembu daripada ternakannya lalu memberikannya kepada Abimelekh dan dengan itu kedua-duanya

mengikat perjanjian. ²⁸ Seterusnya Abraham mengasingkan tujuh ekor anak domba betina daripada ternakannya itu. ²⁹ Bertanyalah Abimelekh kepada Abraham, “Apakah maksudmu mengasingkan tujuh ekor anak domba betina ini?”

³⁰ Jawabnya, “Kamu hendaklah mengambil ketujuh-tujuh ekor anak domba betina ini daripada tanganku sebagai kesaksian bahawa akulah yang menggali perigi ini.” ³¹ Maka itulah sebabnya tempat itu dinamai Bersyeba,^c kerana kedua-duanya telah mengangkat sumpah di sana.

³² Setelah mereka mengikat perjanjian di Bersyeba, bersiaplah Abimelekh dan Pikhol, panglima tenteranya, lalu kembalilah mereka ke negeri orang Filistin. ³³ Abraham menanam sebatang pokok tamariska di Bersyeba, dan mengadakan sembah kepada Tuhan, Allah Yang Kekal. ³⁴ Tinggallah Abraham sebagai pendatang di negeri orang Filistin buat beberapa lama.

Terujinya iman Abraham

22 ¹ Selepas pelbagai peristiwa itu, Allah menguji Abraham. Firman-Nya

^c21:31 Dlm bhs Ibrani ‘Bersyeba’ ini bererti ‘sumur sumpah.’

kepadanya, “Abraham.” Jawabnya, “Ya, aku ada di sini.”

² Firman-Nya, “Bawalah anakmu, anak tunggal yang kamu kasihi, iaitu Ishak, dan pergilah ke Tanah Moria. Persembahkanlah dia di sana sebagai korban bakaran, di atas salah sebuah gunung yang akan Kusebutkan kepadamu.”

³ Abraham pun bangun pagi-pagi. Dia memasang pelana pada keldainya lalu mengajak dua orang hambanya untuk menyertainya, dan juga Ishak, anaknya. Dia membelah kayu untuk korban bakaran lalu segera berangkat menuju tempat yang disebutkan Allah kepadanya.

⁴ Pada hari ketiga, ketika Abraham melayangkan pandangannya, terlihatlah tempat itu dari jauh.

⁵ Maka kata Abraham kepada hamba-hambanya, “Tinggallah di sini dengan keldai ini. Aku dan anak ini hendak pergi ke sana. Kami akan beribadat dan kemudian akan kembali lagi kepadamu.”

⁶ Abraham mengambil kayu untuk korban bakaran dan menaruhnya pada bahu Ishak, anaknya. Dia sendiri membawa api dan sebilah pisau. Lalu berjalanlah kedua-duanya bersama-sama. ⁷ Kata Ishak kepada Abraham, ayahnya, “Ayah!”

Jawabnya, “Ya, anakku?”

Kata Ishak, “Di sini ada api dan kayu api, tetapi di manakah anak domba untuk korban bakaran itu?”

⁸ Jawab Abraham, “Allah sendirilah yang akan menyediakan bagi diri-Nya anak domba untuk korban bakaran itu, anakku.” Lalu berjalanlah kedua-duanya bersama-sama.

⁹ Sesampainya mereka di tempat yang disebutkan Allah kepadanya, Abraham mendirikan sebuah mazbah, iaitu tempat pembakar korban. Dia mengatur kayu bakar, mengikat Ishak, anaknya, lalu meletakkannya di atas kayu api, di atas mazbah itu. ¹⁰ Kemudian Abraham menghulurkan tangannya, mengambil pisau untuk menyembelih anaknya. ¹¹ Akan tetapi, malaikat Tuhan berseru kepadanya dari langit, “Abraham! Abraham!”

Jawabnya, “Ya, aku ada di sini.”

¹² Firman-Nya, “Jangan mudaratkan anak itu dan jangan kamu apa-apakan dia, kerana sekarang Aku tahu bahawa kamu takut kepada Allah dan reda menyerahkan anakmu, anakmu yang tunggal itu, kepada-Ku.”

¹³ Apabila Abraham mengangkat mukanya dan mengamati di sekelilingnya, nampaklah di belakangnya seekor domba jantan yang

tanduknya tersangkut di dalam belukar. Abraham pergi mengambil domba jantan itu, lalu menjadikannya persembahan korban bakaran untuk menggantikan anaknya. ¹⁴ Maka Abraham menamai tempat itu “Tuhan menyediakan.” Oleh sebab itu sehingga kini ini orang mengatakan, “Di atas gunung Tuhan, peruntukan akan disediakan.”

¹⁵ Kemudian untuk kali keduanya, malaikat Tuhan berseru kepada Abraham dari langit, ¹⁶ sabda-Nya, “Demi diri-Ku sendiri Aku bersumpah, demikianlah firman Tuhan, kerana kamu telah melakukan hal ini dan dengan reda menyerahkan kepada-Ku anakmu, anak tunggalmu itu, ¹⁷ maka pastilah Aku memberkatimu dan pastilah Aku memperbanyak keturunanmu seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut. Keturunanmu akan menguasai segala pintu gerbang^d musuh mereka, ¹⁸ dan melalui benihmu semua bangsa di bumi akan diberkati, kerana kamu telah mematuhi kata-kata-Ku.” ¹⁹ Setelah itu, kembalilah Abraham kepada hamba-hambanya. Mereka pun bersiap-siap lalu pergi bersama-sama ke

^d**22:17** Atau: Kubu.

Bersyeba. Kemudian menetaplah Abraham di Bersyeba.

²⁰ Sesudah berbagai-bagai peristiwa itu, Abraham mendapat khabar demikian, “Ketahuilah, Milka pun telah melahirkan anak-anak lelaki bagi Nahor, saudara tuan. ²¹ Us, anak yang sulung, kemudian Bus, adiknya, selanjutnya Kemuel (bapa Aram), ²² Kesed, Hazo, Pildas, Yidlaf, dan Betuel.” ²³ Betuel mempunyai anak, iaitu Ribka. Kelapan-lapan orang ini dilahirkan Milka bagi Nahor, saudara Abraham. ²⁴ Selain itu, daripada gundik Nahor yang bernama Reuma lahir juga Tebah, Gaham, Tahas, dan Maakha.

Sarah meninggal dan dikuburkan

23 ¹ Sarah hidup 127 tahun. Itulah tempoh hayat Sarah. ² Sarah meninggal di Kiryat-Arba, iaitu Hebron, di Tanah Kanaan. Lalu Abraham datang meratapi serta menangi Sarah.

³ Beberapa waktu kemudian Abraham bangkit dari sisi isterinya, yang telah meninggal itu, lalu berkata dengan bani Het. Katanya, ⁴ “Aku ini seorang pendatang dan perantau antara kamu. Berilah kepadaku suatu tempat pemakaman dengan hak milik antara kamu, supaya aku dapat memakamkan isteriku, yang sudah meninggal.”

⁵ Jawab bani Het kepada Abraham, ⁶ “Tuanku, dengarlah kami. Tuan seorang pemimpin besar di tengah-tengah kami. Makamkanlah isteri tuan di dalam makam kami yang terpilih. Tidak akan ada seorang pun antara kami yang enggan memberikan tanah pemakaman miliknya untuk tuan memakamkan isteri tuan.”

⁷ Maka Abraham bangun dan bersujud memberi hormat kepada bani Het, penduduk negeri itu.

⁸ Dia berkata kepada mereka, “Jika hatimu ikhlas mengizinkan aku untuk memakamkan isteriku di sini, dengarlah. Minta kepada Efron anak Zohar atas namaku ⁹ supaya dia memberikan kepadaku gua Makhpela miliknya, yang terletak di hujung ladangnya. Hendaklah dia memberikannya kepadaku dengan harga penuh sebagai suatu pemakaman hak milikku di tengah-tengah kamu.”

¹⁰ Pada waktu itu Efron hadir di tengah-tengah bani Het. Lalu, dengan disaksikan oleh bani Het, iaitu semua orang yang datang ke pintu gerbang kotanya, Efron orang Het itu menjawab Abraham. Katanya, ¹¹ “Tidak, tuanku, dengarlah aku. Ladang itu kuberikan kepada tuan. Gua yang ada di dalamnya pun kuberikan kepada tuan. Di hadapan mata orang yang sebangsa denganku, aku memberikannya kepada tuan. Makamkanlah isteri tuan di sana.”

¹² Maka sujudlah Abraham memberi hormat kepada penduduk negeri itu. ¹³ Disaksikan oleh penduduk negeri itu, berkatalah dia kepada Efron, “Jika kamu tidak keberatan, dengarlah aku. Aku akan membayar harga ladang itu. Terimalah wang daripadaku supaya aku akan memakamkan isteriku di sana.”

¹⁴ Jawab Efron kepada Abraham, ¹⁵ “Tuanku, dengarlah aku. Sebidang tanah seharga empat ratus syikal^e perak, apalah ertinya itu bagiku dan bagi tuan? Oleh sebab itu, makamkan sajalah isteri tuan di sana.” ¹⁶ Abraham menuruti kata-kata Efron, lalu dia menimbang bagi Efron wang perak sebanyak yang telah disebutkannya di hadapan bani Het itu, iaitu empat ratus syikal perak, sama dengan timbangan yang digunakan oleh para saudagar.

¹⁷ Demikianlah ladang Efron di Makhpela, di sebelah timur Mamre, iaitu ladang dan gua yang ada di dalamnya, serta semua pokok di ladang itu sampai sekeliling perbatasannya, ¹⁸ ditetapkan sebagai milik Abraham di hadapan mata bani Het serta di hadapan semua orang yang datang ke pintu gerbang kota itu. ¹⁹ Sesudah itu Abraham memakamkan Sarah isterinya dalam gua di ladang Makhpela, di sebelah timur Mamre,

^e**23:15** Syikal: Mata wang seberat 11.42 gram perak.

iaitu Hebron, di Tanah Kanaan. ²⁰ Demikianlah ladang itu dengan gua yang ada di dalamnya itu ditetapkan oleh bani Het bagi Abraham sebagai pemakaman hak miliknya.

Isteri dipilih untuk Ishak

24 ¹ Abraham sudah tua dan lanjut umurnya, dan Tuhan memberkati Abraham dalam segala hal. ² Pada suatu hari berkatalah Abraham kepada hambanya, hamba yang tertua dalam rumahnya dan yang diberi kuasa atas segala sesuatu yang dimilikinya, “Letakkanlah tanganmu di bawah pahaku. ³ Aku meminta kamu bersumpah demi Tuhan, Allah semesta langit dan Allah semesta bumi, bahawa kamu tidak akan mengambil seorang isteri bagi anakku dalam kalangan anak perempuan Kanaan, sekalipun aku tinggal dalam kalangan mereka. ⁴ Tetapi kamu harus pergi ke negeri asalku dan kepada sanak saudaraku untuk mengambil seorang isteri bagi Ishak, anakku.”

⁵ Kata hambanya kepadanya, “Mungkin perempuan itu tidak mahu mengikut aku ke negeri ini. Jika demikian, bolehkah aku kembali untuk membawa anak tuan ke negeri tempat asal tuan itu?”

⁶ Kata Abraham kepadanya, “Ingat, jangan kaubawa anakku kembali ke sana! ⁷ Tuhan, Allah

semesta langit, telah mengambil aku dari rumah ayahku serta dari tanah kelahiranku. Dia pun telah berfirman serta bersumpah kepadaku demikian, 'Kepada keturunanmu Aku akan mengurniakan negeri ini.' Maka tentunya Dia juga akan mengutus malaikat-Nya berjalan di depanmu, supaya kamu dapat mengambil seorang isteri bagi anakku dari sana.⁸ Akan tetapi, jika perempuan itu tidak mahu mengikut kamu, maka bebaslah kamu daripada sumpahmu kepadaku. Hanya, jangan kaubawa anakku kembali ke sana."⁹ Kemudian, hamba itu meletakkan tangannya di bawah paha Abraham, tuannya, dan bersumpah kepadanya seperti yang dikehendaki oleh tuannya.

¹⁰ Hamba itu mengambil sepuluh ekor unta daripada kawanan unta tuannya lalu pergi dengan membawa berbagai-bagai barang berharga milik tuannya. Dia berangkat ke Aram-Mesopotamia, ke kota Nahor.¹¹ Di sana, dia menghentikan unta-untanya dekat sebuah perigi di luar kota pada waktu petang, waktu kaum perempuan keluar untuk menimba air.¹² Lalu katanya, "Ya Tuhan, Allah tuanku Abraham, semoga aku berhasil pada hari ini dan tunjukkanlah kasih-Mu kepada tuanku, Abraham."¹³ Lihatlah, aku berdiri dekat mata air ini, dan anak-anak perempuan penduduk

kota ini datang untuk menimba air. ¹⁴ Kalau aku berkata kepada seorang gadis, ‘Tolong turunkan buyungmu dan beri aku minum,’ dan dia menjawab, ‘Minumlah, unta-untamu pun akan kuberi minum,’ maka dialah orang yang Engkau tentukan bagi hamba-Mu Ishak. Dengan cara itulah aku akan tahu bahwa Engkau telah menunjukkan kasih kepada tuanku.”

¹⁵ Belum selesai dia berkata-kata, tiba-tiba datanglah Ribka dengan buyung di atas bahunya. Dia anak perempuan Betuel – Betuel ialah anak lelaki Milka, iaitu isteri Nahor, saudara Abraham.

¹⁶ Gadis itu sangat cantik parasnya, seorang perawan, belum pernah disentuh lelaki. Dia turun ke mata air itu dan mengisi buyungnya, lalu naik lagi. ¹⁷ Maka berlari hamba itu mendapatkannya dan berkata, “Tolong beri aku minum dari buyungmu itu, sedikit sahaja.”

¹⁸ Jawabnya, “Minumlah, tuanku.” Dia segera menurunkan buyungnya ke tangannya lalu memberinya minum. ¹⁹ Setelah selesai memberikan minum kepada hamba itu, berkatalah gadis itu, “Aku akan menimba air juga untuk unta-unta tuan sehingga semuanya puas minum.” ²⁰ Dengan segera dituangnya isi buyungnya ke dalam tempat minum ternak, kemudian berlari lagi ke perigi untuk menimba air bagi semua unta orang itu. ²¹ Sambil

memperhatikan gadis itu, orang itu berdiam diri untuk mengetahui sama ada Tuhan membuat perjalanannya berhasil atau tidak.

²² Setelah unta-unta selesai minum, orang itu mengambil anting-anting emas seberat setengah syikal serta sepasang gelang tangan dari emas seberat sepuluh syikal. ²³ Lalu dia bertanya, “Anak siapakah kamu? Katakanlah kepadaku. Adakah tempat di rumah ayahmu untuk kami bermalam?”

²⁴ Jawab gadis itu kepadanya, “Aku ini anak Betuel. Betuel ialah anak yang dilahirkan Milka bagi Nahor.” ²⁵ Kata gadis itu pula kepadanya, “Jerami ataupun makanan ternak ada berlimpah-limpah pada kami. Tempat bermalam pun ada.”

²⁶ Maka sujudlah orang itu menyembah Tuhan. ²⁷ Katanya, “Segala puji bagi Tuhan, Allah tuanku Abraham. Tidak putus-putusnya kasih-Nya dan kesetiaan-Nya bagi tuanku. Tuhan telah memimpin aku ke rumah saudara-saudara tuanku.”

²⁸ Gadis itu pun berlari dan pergi memberitahu seisi rumah ibunya mengenai hal ini. ²⁹ Ribka mempunyai seorang saudara lelaki bernama Laban. Berlarilah Laban menuju mata air untuk menemui orang itu. ³⁰ Sejurus selepas Laban melihat anting-anting dan gelang di tangan

saudaranya dan mendengar apa yang dikatakan Ribka, saudaranya, 'Begitulah kata orang itu kepadaku,' dia pergi mendapatkan orang itu, yang sedang berdiri di tepi unta-untanya dekat mata air. ³¹ Kata Laban, "Marilah, wahai kamu yang diberkati Tuhan. Mengapakah kamu berdiri di luar? Rumah sudah kusiapkan, juga tempat untuk unta-unta ini."

³² Maka masuklah orang itu ke dalam rumah, kemudian muatan unta-unta diturunkan, jerami serta makanan ternak diberikan kepada unta-unta itu, begitu pula air untuk membasuh kaki orang itu serta orang yang mengiringinya. ³³ Setelah itu, makanan dihidangkan di hadapan mereka. Akan tetapi, orang itu berkata, "Aku tidak mahu makan sebelum aku menyampaikan pesan yang kubawa."

Jawab Laban, "Sampaikanlah."

³⁴ Berkatalah dia, "Aku ini hamba Abraham. ³⁵ Tuhan sangat memberkati tuanku itu sehingga dia menjadi kaya. Tuhan mengurniakan kepadanya kawanan domba, lembu, unta, dan keldai, juga emas dan perak, serta hamba-hamba lelaki dan perempuan. ³⁶ Sarah, isteri tuanku, melahirkan seorang anak lelaki pada masa tuanya bagi tuanku. Kepada anaknya itu tuanku memberikan segala sesuatu yang dimilikinya. ³⁷ Lalu tuanku menyuruh aku bersumpah,

katanya, 'Jangan kauambil seorang isteri bagi anakku daripada kalangan anak gadis warga Kanaan, yang negeri mereka kudiami ini.

³⁸ Tetapi kamu harus pergi kepada keluarga ayahku dan kepada kaumku untuk mengambil seorang isteri bagi anakku.' ³⁹ Kataku kepada tuanku, 'Mungkin perempuan itu tidak mahu mengikut aku.' ⁴⁰ Katanya kepadaku, 'Tuhan, yang di hadirat-Nya aku menjalani hidupku, akan mengutus malaikat-Nya menyertai kamu dan akan membuat perjalananmu berhasil, sehingga kamu dapat mengambil seorang isteri bagi anakku daripada kaumku dan daripada keluarga ayahku. ⁴¹ Apabila kamu sampai kepada kaumku, kamu akan bebas daripada sumpahmu. Sekiranya mereka tidak memberikan perempuan itu kepadamu, kamu juga bebas daripada sumpahmu.'

⁴² Pada hari ini aku sampai ke mata air itu. Lalu aku berkata, 'Ya Tuhan, Allah tuanku Abraham, berkenanlah membuat perjalanan yang kutempuh ini berhasil. ⁴³ Lihatlah, aku berdiri dekat mata air ini. Kalau ada seorang gadis keluar untuk menimba air, aku akan berkata kepadanya, "Tolong beri aku minum dari buyungmu itu, sedikit sahaja." ⁴⁴ Jika kemudian dia berkata kepadaku, "Minumlah. Untuk unta-untamu pun akan kutimba air," maka

dialah perempuan yang Tuhan tentukan bagi anak tuanku.’⁴⁵ “Belum selesai aku berkata-kata dalam hatiku, tiba-tiba datanglah Ribka dengan buyung di atas bahunya. Dia turun ke mata air lalu menimba air. Aku berkata kepadanya, ‘Tolong beri aku minum.’⁴⁶ Segera dia menurunkan buyungnya dari atas bahunya dan berkata, ‘Minumlah. Unta-unta tuan pun akan kuberi minum.’ Kemudian minumlah aku, dan unta-unta itu pun diberinya minum.⁴⁷ Setelah itu, aku bertanya kepadanya, ‘Anak siapakah kamu?’ Jawabnya, ‘Anak Betuel. Betuel ialah anak Nahor, yang dilahirkan Milka.’ Aku pun mengenakan anting-anting pada hidungnya dan gelang pada tangannya.⁴⁸ Lalu aku sujud menyembah Tuhan, serta memuji Tuhan, Allah tuanku Abraham. Dialah yang telah memimpin aku di jalan yang betul untuk mengambil anak perempuan saudara tuanku ini bagi anaknya.⁴⁹ Sekarang, seandainya kamu hendak menunjukkan kasih dan kesetiaan kepada tuanku, katakanlah kepadaku, tetapi seandainya tidak, katakanlah juga kepadaku, supaya aku tahu sama ada aku harus berpaling ke kanan atau ke kiri.”

⁵⁰ Laban dan Betuel menjawab, “Semua ini berasal daripada Tuhan. Kami tidak dapat mengatakan kepadamu baik atau buruknya.

⁵¹ Lihat, Ribka ada di hadapanmu. Bawalah dia

pergi. Biarlah dia menjadi isteri anak tuanmu itu, seperti yang difirmankan Tuhan.”⁵² Begitu hamba Abraham itu mendengar kata-kata mereka, sujudlah dia menyembah Tuhan.

⁵³ Lalu hamba itu mengeluarkan perhiasan perak, perhiasan emas, serta pakaian-pakaian. Diberikannya semua itu kepada Ribka. Dia pun memberikan barang-barang berharga kepada saudara lelakinya serta ibunya.

⁵⁴ Setelah itu, dia dan orang yang berada bersama dengannya makan dan minum, serta bermalam di sana. Ketika mereka bangun pagi-pagi, berkatalah hamba itu, “Izinkanlah aku pulang kepada tuanku.”

⁵⁵ Akan tetapi, saudara lelaki Ribka serta ibunya berkata, “Biarkanlah anak perempuan ini tinggal dengan kami sekurang-kurangnya sepuluh hari lagi, kemudian bolehlah dia pergi.”

⁵⁶ Kata hamba itu kepada mereka, “Janganlah tahan aku. Tuhan sudah membuat perjalananku berhasil. Jadi, izinkanlah aku pulang kepada tuanku.”

⁵⁷ Jawab mereka, “Kami akan memanggil anak perempuan itu dan menanyainya.”

⁵⁸ Kemudian mereka memanggil Ribka dan bertanya kepadanya, “Mahukah kamu pergi bersama-sama orang ini?”

Jawabnya, “Mahu.”

⁵⁹ Maka mereka pun mengizinkan Ribka, saudara perempuan mereka, beserta pengasuhnya, pergi bersama dengan hamba Abraham dan orangnya. ⁶⁰ Mereka memohonkan berkat bagi Ribka dan berkata kepadanya, “Saudara kami, semoga kamu menjadi berpuluh-puluh ribu dan semoga keturunanmu menakluki pintu-pintu gerbang orang yang membenci mereka.”

⁶¹ Kemudian berangkatlah Ribka dan hamba-hamba perempuan mudanya dengan menunggang unta-unta mengikuti orang itu. Demikianlah hamba itu membawa Ribka lalu berjalan pulang.

⁶² Sementara itu Ishak datang dari arah perigi Lahai-Roi. Dia tinggal di Tanah Negeb.

⁶³ Menjelang petang, Ishak keluar untuk berjalan-jalan di padang. Ketika dia melayangkan pandangannya dan mengamati, dia nampak beberapa ekor unta datang. ⁶⁴ Ribka pun melayangkan pandangannya, dan ketika dia melihat Ishak, turunlah dia dari untanya ⁶⁵ lalu bertanya kepada hamba itu, “Siapakah lelaki yang sedang berjalan menyongsong kita di padang itu?”

Jawab hamba itu, “Dialah tuanku.” Kemudian Ribka mengambil cadarnya dan menutup kepala dan mukanya dengan kerudung.

⁶⁶ Hamba itu menceritakan kepada Ishak segala hal yang telah dilakukannya. ⁶⁷ Setelah itu, Ishak membawa Ribka ke dalam khemah Sarah, ibunya, dan menikahnya. Ribka menjadi isterinya, dan Ishak mencintainya. Maka terhiburlah Ishak setelah kematian ibunya.

Kematian Abraham dan salasilah keturunannya

25 ¹ Abraham mengambil seorang isteri lagi bernama Ketura. ² Ketura melahirkan baginya Zimran, Yoksan, Medan, Midian, Isbak, dan Suah. ³ Yoksan mempunyai anak, iaitu Syeba dan Dedan. Keturunan Dedan ialah orang Asyur, orang Letus, dan orang Leum. ⁴ Anak-anak Midian ialah Efa, Efer, Hanokh, Abida, dan Eldaa. Semuanya ini keturunan Ketura.

⁵ Abraham memberikan segala sesuatu yang dimilikinya kepada Ishak, ⁶ tetapi dia hanya memberikan pemberian kepada anak-anak gundik-gundiknya. Semasa Abraham masih hidup, dia menyuruh mereka meninggalkan Ishak anaknya dan pergi ke sebelah timur, ke Tanah Timur.

⁷ Abraham mencapai usia seratus tujuh puluh lima tahun. ⁸ Setelah itu, Abraham

menghembuskan nafasnya yang terakhir lalu meninggal ketika sudah sangat tua dan lanjut umur. Lalu dia dikumpulkan bersama kaum leluhurnya. ⁹ Anak-anaknya, yaitu Ishak dan Ismael, memakamkannya di dalam Gua Makhpela di ladang Efron anak Zohar, orang Het, yang terletak di sebelah timur Mamre. ¹⁰ Ladang itu telah dibeli Abraham daripada bani Het. Di sanalah Abraham dimakamkan bersama-sama Sarah, isterinya. ¹¹ Setelah Abraham meninggal, Allah memberkati Ishak, anaknya. Ishak tinggal dekat perigi Lahai-Roi.

¹² Inilah keturunan Ismael, anak Abraham yang dilahirkan untuknya oleh Hagar, seorang perempuan Mesir yang menjadi hamba Sarah. ¹³ Inilah nama anak-anak Ismael menurut urutan kelahirannya: Nebayot, anak sulung Ismael, diikuti Kedar, Adbeel, Mibsam, ¹⁴ Misma, Duma, Masa, ¹⁵ Hadad, Tema, Yetur, Nafis, dan Kedma. ¹⁶ Inilah anak-anak Ismael dan nama mereka menurut kampung serta perkhemahan mereka, dua belas orang pemimpin suku, masing-masing dengan sukunya. ¹⁷ Ismael mencapai usia 137 tahun. Setelah itu, dia menghembuskan nafasnya yang terakhir lalu meninggal dan dikumpulkan bersama-sama kaum leluhurnya. ¹⁸ Mereka

mendiami daerah dari Hawila ke daerah Syur yang terletak di sebelah timur Mesir ke arah Asyur. Mereka hidup bertentangan dengan semua saudara.

Keturunan Ishak, iaitu Esau dan Yakub

¹⁹ Inilah keturunan Ishak, anak Abraham.

Abraham mempunyai anak, iaitu Ishak.

²⁰ Ishak berumur empat puluh tahun ketika dia memperisteri Ribka. Ribka anak Betuel, orang Aram dari Padan-Aram, dan saudara perempuan Laban, orang Aram itu. ²¹ Ishak berdoa kepada Tuhan untuk isterinya, kerana isterinya itu mandul. Tuhan mengabulkan doanya, lalu Ribka, isterinya pun mengandung. ²² Namun demikian, anak-anaknya bertolak-tolakan dalam kandungannya sehingga dia berkata, "Mengapakah hal ini berlaku kepadaku?" Lalu pergilah dia mencari petunjuk Tuhan. ²³ Firman Tuhan kepadanya,

"Dua bangsa ada dalam kandunganmu,
dan dua suku bangsa akan terpecah
daripada rahimmu.

Suku bangsa yang satu akan lebih kuat daripada
yang lain,
dan yang tua akan melayan yang muda."

²⁴ Setelah tibanya bagi Ribka untuk bersalin, ternyata ada anak kembar dalam kandungannya.

²⁵ Yang pertama keluar dalam keadaan kemerah-merahan, dan seluruh tubuhnya seperti jubah berbulu. Oleh sebab itu dia dinamai Esau.

²⁶ Kemudian keluarlah adiknya. Tangannya memegang tumit Esau, sehingga dia dinamai Yakub. Ishak berumur enam puluh tahun ketika mereka dilahirkan.

²⁷ Kedua-dua orang anak itu menjadi besar. Esau menjadi pemburu yang mahir dan suka tinggal di padang, manakala Yakub seorang yang tenang dan suka tinggal di khemah. ²⁸ Ishak menyayangi Esau, kerana dia suka makan hasil buruannya. Tetapi Ribka menyayangi Yakub.

Esau menjual haknya sebagai anak sulung

²⁹ Pada satu kali ketika Yakub sedang memasak sesuatu, Esau pulang dari padang berasa lapar sekali. ³⁰ Lalu Esau berkata kepada Yakub, “Berilah aku makan sedikit yang merah-merah itu, kerana aku amat lapar.” Itulah sebabnya dia dinamai Edom.

³¹ Kata Yakub, “Juallah dahulu kepadaku hakmu sebagai anak sulung.”

³² Kata Esau, “Sebentar lagi aku mati. Apakah gunanya hak sebagai anak sulung itu bagiku?”

³³ Kata Yakub, “Bersumpahlah dahulu kepadaku.”

Maka bersumpahlah dia kepadanya dan dijualnyalah haknya sebagai anak sulung itu kepada Yakub. ³⁴ Kemudian Yakub memberi Esau roti dan masakan kacang merah itu. Esau makan dan minum, lalu bangkit dan pergi. Demikianlah Esau meremehkan haknya sebagai anak sulung itu.

Janji Allah kepada Ishak

26 ¹ Maka berlakulah bencana kebuluran di negeri itu, lain daripada kebuluran pertama yang menimpa pada zaman Abraham. Maka pergilah Ishak ke Gerar untuk menghadap Abimelekh, raja orang Filistin. ² Lalu Tuhan menampakkan diri kepadanya dan berfirman, “Jangan pergi ke Mesir. Tinggallah di negeri yang akan Kuberitahu kepadamu. ³ Tinggallah sementara di negeri itu, maka Aku akan bersama-samamu dan memberkatimu, kerana kepadamu dan kepada keturunan kamulah akan Kukurniakan seluruh negeri itu. Aku akan memenuhi ikrar yang Kujanjikan kepada ayahmu, Abraham. ⁴ Aku akan melipatgandakan berkali ganda keturunanmu sehingga ramainya seperti

bintang di langit. Aku akan mengurniakan seluruh negeri ini kepada keturunanmu, dan melalui benihmu semua bangsa di bumi akan diberkati, ⁵ kerana Abraham mematuhi firman-Ku serta berpegang teguh pada segala kewajibannya kepada-Ku, segala perintah-Ku, segala ketetapan-Ku, dan segala hukum-Ku.”

Ishak dengan Abimelekh

⁶ Maka tinggallah Ishak di Gerar. ⁷ Ketika para lelaki di tempat itu bertanya tentang isterinya, Ishak menjawab, “Dia saudaraku,” kerana dia takut mengatakan, “Dia isteriku.” Fikirnya, “Jangan-jangan aku dibunuh oleh para lelaki di tempat ini kerana Ribka yang amat cantik parasnya.” ⁸ Setelah agak lama Ishak berada di situ, pada suatu kali, Abimelekh, raja orang Filistin, yang melihat keluar dari jendela, terlihat Ishak sedang bercumbuan dengan Ribka, isterinya. ⁹ Maka Abimelekh memanggil Ishak dan berkata, “Ternyata dia isterimu! Bagaimana boleh kaukatakan, ‘Dia saudaraku’?”

Jawab Ishak kepadanya, “Kerana fikirku, ‘Jangan-jangan aku mati kerana dia.’ ”

¹⁰ Kata Abimelekh pula, “Apakah yang telah kaulakukan terhadap kami ini? Mudah sahaja

salah seorang warga ini meniduri isterimu sehingga dengan demikian engkau menimpakan kesalahan kepada kami.”¹¹ Kemudian Abimelekh memberikan perintah kepada seluruh bangsa itu, katanya, “Sesiapa yang menyentuh orang ini atau isterinya, pasti dihukum mati.”

¹² Ishak bertani di negeri itu dan dalam tahun itu juga dia memperoleh hasil seratus kali lipat ganda kerana Tuhan memberkatinya.

¹³ Lalu dia menjadi kaya dan terus bertambah kaya, sehingga menjadi sangat kaya. ¹⁴ Dia memiliki kawanan domba, kawanan lembu, dan banyak hamba, sehingga orang Filistin iri hati terhadapnya. ¹⁵ Semua perigi yang digali oleh hamba-hamba ayahnya pada zaman Abraham, ayahnya, itu, telah ditutup oleh orang Filistin dan ditimbunkan dengan tanah.

¹⁶ Kemudian Abimelekh berkata kepada Ishak, “Pergilah daripada kami, kerana kamu telah menjadi jauh lebih kuat daripada kami.”

¹⁷ Maka pergilah Ishak dari sana. Didirikannya khemahnya di Lembah Gerar lalu tinggal di situ. ¹⁸ Kemudian Ishak menggali kembali perigi-perigi yang telah digali pada zaman Abraham, ayahnya, kerana orang Filistin telah menutupnya sesudah kematian Abraham. Dia pun menamai perigi-perigi itu sebagaimana ayahnya menamainya.

¹⁹ Akan tetapi, ketika hamba-hamba Ishak menggali lembah itu dan mendapati di sana sebuah mata air yang membuak-buak airnya, ²⁰ bertengkarlah gembala-gembala Gerar dengan gembala-gembala Ishak. Kata mereka, “Air ini milik kami!” Maka Ishak menamai perigi itu Esek, kerana warga di situ bertengkar dengannya.

²¹ Mereka menggali perigi yang lain pula, tetapi orang itu mengatakan itu juga milik mereka. Maka Ishak menamai perigi itu Sitna. ²² Ishak pindah dari sana lalu menggali perigi yang lain, tetapi kali ini orang itu tidak mempertikaikan pemilikannya. Maka dia menamai perigi itu Rehobot, kerana katanya, “Sekarang Tuhan telah memberikan kelapangan kepada kita, sehingga kita dapat beranak cucu di negeri ini.”

²³ Dari sana dia pergi ke Bersyeba. ²⁴ Lalu pada waktu malam Tuhan menampakkan diri kepadanya dan berfirman, “Akulah Allah Abraham, ayahmu. Jangan takut, kerana Aku menyertai kamu. Aku akan memberkatimu dan memperbanyak keturunanmu kerana Abraham, hamba-Ku itu.” ²⁵ Kemudian Ishak membina sebuah mazbah di sana dan menyeru nama Tuhan. Di situ dia mendirikan khemahnya, dan hamba-hambanya menggali sebuah perigi.

²⁶ Maka datanglah Abimelekh kepadanya dari Gerar bersama-sama Ahuzat sahabatnya dan Pikhol panglima tenteranya. ²⁷ Kata Ishak kepada mereka, “Apakah sebabnya kamu datang menemuiku padahal kamu benci padaku dan telah menyuruh aku pergi daripada kamu?”

²⁸ Jawab mereka, “Kami sudah melihat dengan nyata bahawa Tuhan menyertai kamu. Jadi, kami berfikir, ‘Sebaiknya ada ikrar antara kita,’ iaitu antara kami dan kamu. Mari kita mengikat perjanjian antara kita ²⁹ bahawa kamu tidak akan berbuat jahat terhadap kami, seperti kami dahulu tidak mengusik kamu melainkan selalu berbuat baik terhadapmu dan menyuruh kamu pergi dengan damai. Sekarang ini pun kamu diberkati Tuhan.” ³⁰ Ishak mengadakan jamuan untuk mereka, lalu mereka pun makan dan minum. ³¹ Keesokan harinya mereka bangun pagi-pagi lalu bersumpah satu sama lain. Setelah itu, Ishak melepaskan mereka dan mereka pun pergi meninggalkannya dengan damai.

³² Pada hari itu juga hamba-hamba Ishak datang memberitahu kepadanya tentang perigi yang telah digali mereka. Kata mereka kepadanya, “Kami telah mendapatkan air!” ³³ Ishak menamai

perigi itu Syeba. Itulah sebabnya kota itu dinamai Bersyeba sehingga hari ini.

³⁴ Ketika Esau berumur empat puluh tahun, dia memperisteri Yudit, anak Beeri, orang Het, dan Basmat anak Elon, orang Het. ³⁵ Kedua-dua isterinya itu menimbulkan kegetiran dalam hati Ishak dan Ribka.

Ishak memberkati Yakub

27 ¹ Ketika Ishak sudah tua dan sudah kabur matanya sehingga tidak dapat melihat lagi, dia memanggil Esau, anak sulungnya. Katanya kepada Esau, “Anakku.”

Jawabnya, “Ya ayah, aku ada di sini.”

² Kata Ishak, “Dengar, aku ini sudah tua. Aku tidak tahu bila hari kematianku. ³ Sekarang, ambillah senjatamu, tabung panahmu dan busurmu. Pergilah ke padang dan dapatkan daging rusa untukku. ⁴ Masakkan aku makanan yang sedap, seperti yang kugemari dan bawalah kepadaku agar aku boleh memakannya supaya kumohonkan berkat untukmu sebelum aku mati.”

⁵ Ribka mendengar apa yang dikatakan Ishak kepada Esau, anaknya. Kemudian ketika Esau pergi ke padang memburu seekor binatang untuk dibawa pulang, ⁶ berkatalah Ribka kepada Yakub, anaknya, “Ketahuilah, telah kudengar

ayahmu berkata kepada Esau, abangmu. Katanya,
⁷ 'Bawalah daging rusa untukku dan buatlah
bagiku makanan yang sedap agar dapat aku
makannya dan mohon berkat bagimu di hadapan
Tuhan sebelum aku mati.' ⁸ Maka sekarang,
anakku, dengarlah kata-kataku dan lakukanlah
apa yang kuperintahkan kepadamu. ⁹ Pergilah ke
tempat ternakan domba kita dan ambilkanlah
aku dua ekor anak kambing yang baik dari sana.
Aku akan mengolahnya menjadi makanan sedap
kegemaran ayahmu. ¹⁰ Kemudian kamu harus
membawanya kepada ayahmu untuk dimakannya
agar dia memohonkan berkat bagimu sebelum
dia mati."

¹¹ Kata Yakub kepada Ribka, ibunya, "Tetapi
Esau abangku itu seorang yang berbulu,
sedangkan aku berkulit licin. ¹² Jangan-jangan
ayah akan meraba aku dan aku akan dianggapnya
sebagai seorang penipu, sehingga aku malah
mendatangkan kutukan dan bukannya berkat ke
atas diriku."

¹³ Kata ibunya kepadanya, "Akulah yang
menanggung kutukanmu itu, anakku. Dengarlah
sahaja kata-kataku. Pergilah, dan bawakanlah
aku anak kambing dua ekor itu." ¹⁴ Maka pergilah
Yakub mengambil dua ekor anak kambing
dan membawanya kepada ibunya. Lalu ibunya
memasak makanan yang sedap kegemaran

ayahnya. ¹⁵ Setelah itu, Ribka mengambil pakaian terindah milik Esau, anak sulungnya, iaitu pakaian yang disimpannya di rumah, lalu memakaikannya kepada Yakub, anak bongsunya. ¹⁶ Kemudian dibalutnya kedua-dua belah tangan Yakub serta bahagian lehernya yang licin dengan kulit anak kambing tadi. ¹⁷ Selanjutnya diserahkanlah makanan yang sedap dan roti yang telah dibuatnya itu kepada Yakub, anaknya.

¹⁸ Yakub pun mendatangi ayahnya dan berkata, "Ayah." Jawab Ishak, "Ya. Siapakah kamu, anakku?"

¹⁹ Kata Yakub kepada ayahnya, "Aku Esau, anak ayah yang sulung. Aku sudah melakukan seperti yang ayah pesan kepadaku. Bangunlah dan duduklah, makanlah hasil buruanku, supaya ayah dapat memohonkan berkat untukku."

²⁰ Kata Ishak kepada anaknya, "Bagaimanakah kamu mendapatkannya secepat itu, anakku?"

Jawabnya, "Sebab Tuhan, Allahmu, membuat aku berhasil."

²¹ Lalu kata Ishak kepada Yakub, "Marilah dekat-dekat, anakku. Aku mahu merabamu, sama ada kamu ini anakku Esau atau bukan." ²² Yakub pun mendekati Ishak, ayahnya. Lalu Ishak merabanya dan berkata, "Suaranya suara Yakub, tetapi tangannya tangan Esau." ²³ Ishak tidak mengenali dia kerana kedua-dua belah tangannya

berbulu seperti tangan Esau, abangnya. Jadi, Ishak hendak memohonkan berkat baginya.

²⁴ Akan tetapi, dia masih bertanya, “Sungguhkah kamu ini anakku Esau?”

Jawabnya, “Ya.”

²⁵ Kemudian kata Ishak, “Dekatkanlah hasil buruanmu itu kepadaku. Aku akan memakannya supaya kumohonkan berkat bagimu.” Yakub mendekatkan masakan itu kepada ayahnya, lalu Ishak memakannya. Yakub juga membawakan air anggur untuknya, lalu Ishak pun meminumnya.

²⁶ Setelah itu Ishak, ayahnya, berkata kepadanya, “Ke marilah dan ciumlah aku, anakku.” ²⁷ Yakub mendekati dan mencium ayahnya. Ishak mencium bau pakaiannya, lalu memohon berkat baginya, katanya,

“Sesungguhnya, bau anakku ini seperti bau padang yang diberkati Tuhan.

²⁸ Kiranya Allah mengurniakan kepadamu embun dari langit, tempat-tempat yang subur di bumi, serta gandum dan air anggur yang berlimpahan.

²⁹ Semoga bangsa-bangsa takluk kepadamu, dan suku-suku bangsa tunduk kepadamu. Jadilah tuan atas saudara-saudaramu,

dan semoga anak-anak ibumu tunduk kepadamu.

Terkutuklah orang yang mengutuk kamu, dan diberkatilah orang yang memberkatimu.”

³⁰ Setelah Ishak selesai memohonkan berkat bagi Yakub, dan baru sahaja Yakub keluar meninggalkan Ishak ayahnya, datanglah Esau abangnya daripada berburu. ³¹ Dia juga memasak makanan yang sedap, lalu membawanya kepada ayahnya. Katanya kepada ayahnya, “Mari, ayah, makanlah hasil buruan anakmu, supaya ayah memohonkan berkat bagiku.”

³² Tanya Ishak, ayahnya, kepadanya, “Siapakah kamu?”

Jawabnya, “Aku anakmu. Anak sulungmu, Esau.”

³³ Maka gementarlah Ishak kerana sangat terkejut. Katanya, “Siapakah gerangan dia, yang tadi mendapatkan daging rusa lalu membawanya kepadaku? Aku telah memakan semuanya sebelum kamu datang dan aku telah memohonkan berkat baginya. Ya, dialah orang yang diberkati!”

³⁴ Apabila Esau mendengar kata-kata ayahnya itu, dia menjerit dengan nyaring dan penuh kepiluan. Katanya kepada ayahnya, “Mohonkanlah berkat bagiku juga, ayah!”

³⁵ Kata ayahnya, “Adikmu mendatangi aku dengan tipu helah dan telah mengambil berkat yang menjadi bahagianmu.”

³⁶ Kata Esau, “Bukankah tepat dia dinamai Yakub? Dia telah memperdaya aku untuk kali keduanya. Dahulu hakku sebagai anak sulung diambilnya, dan lihatlah, sekarang diambilnya pula berkat yang menjadi bahagianku.” Katanya pula, “Tidakkah ayah menyimpan berkat lain untukku?”

³⁷ Jawab Ishak kepada Esau, “Sesungguhnya, telah kutetapkan dia menjadi tuanmu, dan semua saudaranya telah kuberikan kepadanya menjadi hambanya. Dengan gandum dan air anggur telah kutunjangi dia. Jadi, apa lagi yang dapat kulakukan untukmu, anakku?”

³⁸ Kata Esau kepada ayahnya, “Hanya satu berkat itukah yang ada padamu, ayah? Mohonkanlah berkat bagiku juga, ayah!” Lalu menangislah Esau dengan suara yang nyaring.

³⁹ Jawab Ishak, ayahnya, kepadanya,
“Sesungguhnya, tempat tinggalmu
akan jauh dari tempat-tempat subur di bumi
dan jauh dari embun langit di atas.

⁴⁰ Kamu akan hidup dengan pedangmu,

27:36: Kej 25:29-34. **27:38:** Ibr 12:17.

27:39: Ibr 11:20. **27:40:** Kej 36:8; 2Raj 8:20.

dan kamu akan menjadi hamba adikmu. Tetapi akan terjadi kelak, apabila kamu akan bebas daripada belenggu itu, kamu akan melepaskan kuknya daripada tengkukmu.”

⁴¹ Esau benci dan berdendam terhadap Yakub atas sebab berkat yang dipohonkan ayahnya untuk Yakub. Kata Esau kepada dirinya, “Akan tiba hari perkabungan ayahku dan pada waktu itulah aku akan membunuh Yakub, adikku.”

⁴² Tetapi kata-kata Esau, anak sulungnya itu disampaikan seseorang kepada Ribka lalu disuruhnyalah orang memanggil Yakub, anak bongsunya. Berkatalah Ribka kepadanya, “Ketahuilah bahawa Esau abangmu menenangkan dirinya dengan rancangan untuk membunuhmu. ⁴³ Maka, wahai anakku, dengarlah kata-kataku. Larilah segera ke tempat Laban, saudaraku, di Haran. ⁴⁴ Tinggallah bersama-samanya selama beberapa waktu sehingga reda kemarahan ⁴⁵ serta amarah abangmu kepadamu dan dia lupa apa yang telah kamu lakukan terhadapnya. Nanti aku akan menyuruh orang untuk menjemputmu dari sana. Mengapakah aku harus kehilangan kamu berdua dalam satu hari?”

⁴⁶ Kemudian Ribka berkata kepada Ishak, “Aku sudah jemu hidup kerana para perempuan Het itu. Jika Yakub juga memperisteri seorang perempuan dari negeri ini iaitu perempuan Het seperti mereka itu, apa gunanya lagi aku hidup?”

Yakub diarahkan pergi kepada Laban

28 ¹ Maka Ishak pun memanggil Yakub lalu memohonkan keberkatan baginya serta berpesan kepadanya, “Kamu tidak boleh memperisteri mana-mana antara wanita Kanaan. ² Bersiaplah, pergilah ke Padan-Aram, ke rumah Betuel, ayah kepada ibumu. Ambillah dari sana seorang isteri bagimu antara anak perempuan Laban, saudara ibumu. ³ Semoga Allah Yang Maha Kuasa memberkati kamu, membuat kamu beranak cucu, dan memperbanyak bilangan keturunanmu, sehingga kamu menjadi satu bangsa yang besar. ⁴ Semoga Dia mengurniakan berkat Abraham kepadamu dan kepada keturunanmu, sehingga kamu mewarisi negeri tempat kamu tinggal sebagai pendatang ini, iaitu negeri yang telah dikurniakan Allah kepada Abraham.” ⁵ Kemudian Ishak menyuruh Yakub pergi. Lalu Yakub berangkat pergi ke Padan-Aram itu, iaitu kepada Laban anak Betuel, warga Aram

itu. Laban ialah saudara Ribka, ibu Yakub dan Esau.

Esau menikahi anak perempuan Ismael anak Abraham

⁶ Esau melihat betapa Ishak mendoakan keberkatan bagi Yakub dan menyuruhnya pergi ke Padan-Aram untuk mengambil isteri dari sana. Esau pun menyaksikan sewaktu Ishak memohonkan berkat bagi Yakub, dia berpesan kepadanya, “Kamu tidak boleh memperisteri mana-mana antara kaum wanita Kanaan,” ⁷ dan bahawa Yakub mentaati arahan ayah serta ibunya lalu pergi ke Padan-Aram. ⁸ Sedarlah Esau bahawa kaum wanita Kanaan tidak disukai oleh Ishak, ayahnya. ⁹ Lalu Esau pergi kepada Ismael, dan mengambil Mahalat menjadi isterinya di samping isteri-isterinya yang lain. Mahalat ialah adik Nebayot, anak Ismael anak Abraham.

Mimpi Yakub di Betel

¹⁰ Yakub meninggalkan Bersyeba dan pergi ke Haran. ¹¹ Sampailah dia di suatu tempat dan lantaran matahari sudah terbenam, bermalamlah dia di situ. Dia mengambil sebuah batu yang berada di situ untuk dijadikan bantal lalu

berbaringlah dia di situ. ¹² Dia pun bermimpi bahawa dia ternampak sebuah tangga yang terdiri di bumi dengan bahagian puncaknya sampai ke langit. Para malaikat Allah turun naik di tangga itu. ¹³ Tampak pula Tuhan berdiri di sisi Yakub dan berfirman, “Akulah Tuhan, Allah Abraham, datukmu, dan Allah Ishak. Tanah tempat kamu berbaring ini akan Kuberikan kepadamu dan kepada keturunanmu. ¹⁴ Keturunanmu akan menjadi begitu ramai sebagaimana debu tanah, dan kamu akan berkembang ke barat, ke timur, ke utara, dan ke selatan. Melalui kamu dan melalui keturunanmu semua kaum bangsa di bumi akan memperoleh berkat. ¹⁵ Sesungguhnya, Aku menyertai kamu dan akan menjaga kamu ke mana-mana pun kamu pergi. Aku akan membawa kamu kembali ke negeri ini, kerana Aku tidak akan meninggalkan kamu sampai Aku melaksanakan apa yang telah Kujanjikan kepadamu.”

¹⁶ Lalu terjagalah Yakub dari tidurnya. Katanya, “Sesungguhnya, Tuhan hadir di tempat ini dan aku tidak mengetahuinya!” ¹⁷ Dia menjadi takut lalu berkata, “Betapa menggerunkan tempat ini!

28:12: Yoh 1:51. **28:13:** Kej 13:14,15.

28:14: Kej 12:3; 22:18.

Ini tidak lain daripada Rumah Allah! Dan ini pintu gerbang syurga!”

¹⁸ Keesokan harinya Yakub bangun pagi-pagi. Dia mengambil batu yang dijadikan bantalnya lalu mendirikannya menjadi sebuah tugu dan menuangkan minyak ke atas tugu itu. ¹⁹ Dia menamai tempat itu Betel; biarpun dahulunya kota itu bernama Lus. ²⁰ Kemudian Yakub pun bernazar, katanya, “Jika Allah menyertai aku dan menjaga aku di jalan yang kutempuhi ini, memberikan kepadaku makanan untuk dimakan dan pakaian untuk dipakai ²¹ sehingga aku kembali dengan selamat ke rumah ayahku, maka Tuhan akan menjadi Allahku, ²² dan batu yang kudirikan sebagai tugu ini akan menjadi rumah^f Allah. Aku akan mempersembahkan kepada-Mu sepersepuluh daripada segala sesuatu yang Kaukurniakan kepadaku.”

Yakub menikahi Lea dan Rahel

29 ¹ Maka berangkatlah Yakub meneruskan perjalanannya ke negeri orang di sebelah timur. ² Dia meninjau keadaan sekeliling dan terlihat ada sebuah perigi di padang dengan tiga kawanan domba yang berbaring di sisi perigi itu. Dari perigi itulah orang memberikan

^f28:22 Atau: Bait.

minum kepada kawanan ternakan mereka. Ada sebuah batu besar yang menutupi mulut perigi itu.³ Apabila seluruh kawanan ternakan siap terkumpul di sana, barulah para gembala akan menggolekkan batu itu daripada mulut perigi lalu memberikan minum kepada kawanan domba mereka. Setelah selesai kerja itu, batu berkenaan dialihkan semula ke tempatnya di mulut perigi itu.

⁴ Yakub bertanya kepada warga di situ, “Saudara-saudaraku, dari manakah kamu ini?” Jawab mereka, “Kami ini dari Haran.”

⁵ Tanya Yakub pula kepada mereka, “Adakah kamu mengenali Laban, cucu Nahor?” Jawab mereka, “Kenal.”

⁶ Tanyanya kepada mereka, “Apa khabar dia?” Jawab mereka, “Baik! Lihat, itu Rahel, anak perempuannya, datang dengan kawanan dombanya!”

⁷ Kata Yakub, “Hari masih siang, belum waktunya ternak dikumpulkan. Jadi, berilah kawanan kambing dombamu minum lalu gembalakanlah lagi.”

⁸ “Tidak boleh,” jawab mereka. “Sesudah seluruh kawanan ternak dikumpulkan dan batu digulingkan daripada mulut perigi, barulah kami boleh memberikan minum kepada kawanan domba kami.”

⁹ Sewaktu Yakub sedang bercakap dengan mereka itu, Rahel tiba bersama-sama kawanan domba ayahnya yang digembalainya. ¹⁰ Maka Yakub yang melihat ketibaan Rahel, anak perempuan Laban berserta kawanan domba Laban pun pergi menggolekkan batu daripada mulut perigi itu lalu diberinya minum kepada kawanan domba Laban, saudara ibunya itu.

¹¹ Lalu Yakub mencium Rahel dan menangis dengan suara nyaring. ¹² Yakub memberitahu Rahel bahawa dia anak Ribka, saudara kepada ayah Rahel.

Maka berlarilah Rahel memberitahu hal itu kepada ayahnya. ¹³ Lalu setelah Laban mendengar khabar tentang Yakub, anak saudaranya, berlarilah dia menyambutnya. Laban memeluk dan mencium Yakub, lalu membawanya masuk ke rumahnya. Kemudian Yakub menceritakan segala hal ehwalnya kepada Laban. ¹⁴ Kata Laban kepadanya, “Sesungguhnya, kamu memang darah dagingku.” Maka tinggallah Yakub bersama-samanya selama sebulan penuh.

¹⁵ Maka berkatalah Laban kepada Yakub, “Patutkah kamu bekerja denganku secara percuma hanya kerana kamu saudaraku? Katakanlah kepadaku apakah upah yang patut bagimu?” ¹⁶ Laban mempunyai dua orang anak perempuan, yang lebih tua bernama Lea

manakala yang muda bernama Rahel. ¹⁷ Lea bermata kuyu, tetapi Rahel elok perawakannya dan cantik parasnya.

¹⁸ Yakub jatuh cinta kepada Rahel lalu dia berkata, “Aku akan bekerja dengan pak cik selama tujuh tahun lama demi mendapatkan Rahel, anak pak cik yang lebih muda itu.”

¹⁹ Jawab Laban, “Lebih baik kuberikan dia kepadamu daripada memberikannya kepada orang lain. Tinggallah bersama-samaku.” ²⁰ Maka bekerjalah Yakub selama tujuh tahun demi Rahel. Namun begitu, kepadanya tujuh tahun itu bagaikan beberapa hari sahaja kerana cintanya kepada Rahel.

²¹ Kemudian berkatalah Yakub kepada Laban, “Berikanlah bakal isteriku kerana waktuku sudah tiba. Aku mahu menikahinya.” ²² Maka Laban mengundang semua orang di tempat itu dan mengadakan kenduri. ²³ Akan tetapi, pada malam hari dia mengambil Lea, anaknya, dan membawanya kepada Yakub lalu Yakub menidurinya. ²⁴ Laban juga memberikan seorang hamba perempuannya bernama Zilpa kepada Lea, anaknya itu, untuk menjadi hambanya.

²⁵ Pada pagi harinya, ternyatalah kepada Yakub bahawa perempuan itu Lea! Lalu berkatalah Yakub kepada Laban, “Apakah yang pak cik lakukan terhadap aku ini? Bukankah aku bekerja

dengan pak cik demi mendapatkan Rahel? Mengapakah pak cik menipuku?”

²⁶ Jawab Laban, “Di tempat kami ini tiada orang yang memberikan anak yang lebih muda mendahului anak sulungnya. ²⁷ Genapkan dahulu tujuh hari pernikahanmu dengan anakku ini, kemudian anakku yang muda itu akan kuberikan juga kepadamu dengan syarat kamu bekerja denganku selama tujuh tahun lagi.”

²⁸ Yakub menyanggupinya. Dia menggenapi tujuh hari pernikahannya dengan Lea, dan setelah itu Laban memberikan pula Rahel, anaknya, kepada Yakub untuk menjadi isterinya. ²⁹ Kepada anaknya Rahel, Laban juga memberikan seorang hamba perempuan, bernama Bilha untuk menjadi hambanya. ³⁰ Yakub pun meniduri Rahel yang lebih dicintainya berbanding dengan Lea. Kemudian dia bekerja lagi untuk Laban selama tujuh tahun.

Keluarga Yakub anak Ishak

³¹ Tuhan melihat betapa Lea tidak dicintai. Maka Dia membuka rahim Lea, tetapi Rahel mandul. ³² Lea pun mengandung lalu melahirkan seorang anak lelaki yang dinamainya Ruben kerana katanya, “Sesungguhnya, Tuhan melihat akan kesusahanku dan pastinya kini aku akan dicintai oleh suamiku.” ³³ Dia mengandung

lagi lalu melahirkan seorang anak. Katanya, “Sesungguhnya, Tuhan mendengar bahawa aku tidak dicintai, maka dikurniakan-Nya pula anak ini kepadaku.” Oleh sebab itu dia menamai anak itu Simeon ³⁴ Selanjutnya dia mengandung lagi lalu melahirkan seorang anak. Katanya, “Kali ini suamiku akan bertambah erat lagi denganku kerana aku sudah melahirkan tiga orang anak untuknya.” Oleh sebab itu dia menamai anak itu Lewi. ³⁵ Dia mengandung lagi lalu melahirkan seorang anak. Katanya, “Kali ini aku hendak memuji Tuhan.” Oleh sebab itu dia menamai anak itu Yehuda. Setelah itu, dia tidak melahirkan anak lagi.

30 ¹ Apabila Rahel melihat betapa dia tetap tidak melahirkan anak untuk Yakub, dia pun mencemburui kakaknya. Maka berkatalah dia kepada Yakub, “Berilah aku anak. Kalau tidak, biarlah aku mati.”

² Naik marahlah Yakub kepada Rahel, katanya, “Adakah aku di tempat Allah, yang menghalang kamu daripada mengandung?”

³ Kata Rahel, “Ini Bilha, hambaku. Kahwinilah dia, supaya anak yang dilahirkannya diletakkan di pangkuanku, sehingga aku juga dapat mempunyai anak melalui dia.” ⁴ Maka diserahkannyalah Bilha, hambanya, kepada Yakub untuk menjadi isterinya. Yakub pun meniduri hamba itu. ⁵ Bilha

mengandung lalu melahirkan seorang anak untuk Yakub. ⁶ Berkatalah Rahel, “Allah bertindak adil kepadaku dan memakbulkan doaku dan mengurniakan kepadaku seorang anak.” Oleh sebab itulah dia menamai anak itu Dan.

⁷ Kemudian Bilha, hamba Rahel itu, mengandung lagi dan melahirkan anak yang kedua untuk Yakub. ⁸ Rahel berkata, “Aku bergelut begitu hebat dengan kakakku, dan aku menang.” Maka dia menamai anak itu Naftali. ⁹ Apabila Lea melihat bahawa dia telah berhenti melahirkan anak, dia pun membawa Zilpa, hambanya, lalu menyerahkannya kepada Yakub untuk menjadi isterinya. ¹⁰ Lalu Zilpa, hamba Lea itu, melahirkan seorang anak untuk Yakub. ¹¹ Kata Lea, “Sungguh beruntung!” Maka dinamainya anak itu Gad.

¹² Zilpa, hamba Lea itu, melahirkan anak yang kedua pula untuk Yakub. ¹³ Lea berkata, “Betapa bahagianya aku! Tentunya segala kaum wanita akan menyebut bahawa aku berbahagia.” Maka dia menamai anak itu Asyer.

¹⁴ Sewaktu Ruben pergi berjalan-jalan pada musim menuai gandum dia terjumpa akar mandragora di padang lalu dibawanya kepada Lea, ibunya. Kata Rahel kepada Lea, “Berilah aku sedikit akar mandragora milik anakmu itu.”

¹⁵ Jawab Lea kepadanya, “Belum cukup lagikah kamu mengambil suamiku, sehingga kamu mahu mengambil pula akar mandragora anakku?”

Kata Rahel, “Baiklah, biarlah dia tidur denganmu malam ini sebagai ganti akar mandragora anakmu itu.”

¹⁶ Petang harinya, ketika Yakub kembali dari ladang, keluarlah Lea menyambutnya dan berkata, “Kamu harus singgah kepadaku, kerana aku sudah menyewamu dengan akar mandragora anakku.” Maka Yakub menidurinya pada malam itu.

¹⁷ Allah memakbulkan doa Lea lalu ia mengandung dan melahirkan anak yang kelima untuk Yakub. ¹⁸ Kata Lea, “Allah telah memberiku upah, kerana aku sudah menyerahkan hambaku kepada suamiku.” Oleh sebab itu dia menamai anak itu Isakhar. ¹⁹ Lea mengandung lagi dan melahirkan anak yang keenam untuk Yakub.

²⁰ Kemudian kata Lea, “Allah mengurniakan satu anugerah yang bagus kepadaku. Tentunya suamiku akan tinggal bersama-samaku kerana aku telah melahirkan enam orang anak untuknya.” Oleh sebab itu dia menamai anak itu Zebulon. ²¹ Setelah itu, dia melahirkan seorang anak perempuan yang dinamainya Dina.

²² Allah mengendahkan Rahel pula dan mendengar dan memakbulkan doanya lalu

membuka rahimnya. ²³ Maka Rahel pun mengandung dan melahirkan seorang anak. Katanya, “Allah sudah menghapuskan aibku.” ²⁴ Dia menamai anak itu Yusuf, sambil berkata, “Semoga Tuhan menganugerahiku seorang lagi anak.”

Kawanan ternakan Yakub anak Ishak

²⁵ Setelah Rahel melahirkan Yusuf, Yakub berkata kepada Laban, “Izinkanlah aku pergi. Aku hendak pulang ke negeriku, ke tempat kelahiranku. ²⁶ Berikanlah kepadaku para isteri serta anakku, yang kudapat dengan bekerja bagi pak cik, dan biarkan aku pergi. Pak cik sendiri tahu bagaimana aku telah bekerja bagi pak cik.”

²⁷ Tetapi kata Laban kepadanya, “Jika kamu berkenan, tinggal sajalah di sini, kerana hasil daripada firasatku, ternyata betapa Tuhan memberkati aku kerana kamu.” ²⁸ Katanya lagi, “Sebutkan berapa banyak upahmu, dan aku akan memberikannya.”

²⁹ Jawab Yakub kepadanya, “Pak cik sendiri tahu bagaimana aku bekerja bagi pak cik dan bagaimana keadaan ternak pak cik di bawah kelolaanku. ³⁰ Sebelum kedatanganku, sedikit sahaja yang pak cik miliki, tetapi kini sudah bertambah-tambah menjadi banyak. Tuhan memberkati pak cik selama aku berada di sini.

Sekarang, bila boleh aku bekerja bagi rumah tanggaku sendiri?”

³¹ Tanya Laban, “Apa yang harus kuberikan kepadamu?” Jawab Yakub, “Pak cik tidak usah memberikan sesuatu pun kepadaku. Aku mahu kembali menggembalakan dan menjaga kawanan domba pak cik jika pak cik mengizinkan hal ini bagiku: ³² Hari ini aku akan berjalan melalui seluruh kawanan domba pak cik dan memisahkan dari situ setiap anak domba yang berbintik-bintik dan berbelang-belang, setiap anak domba yang berwarna gelap, serta setiap kambing yang berbelang-belang dan berbintik-bintik. Itulah yang akan menjadi upahku. ³³ Pada kemudian hari kejujuranku akan terbukti apabila pak cik datang memeriksa upahku. Setiap kambing yang tidak berbintik-bintik atau berbelang-belang, dan setiap domba yang tidak berwarna gelap, akan dianggap sebagai curian.”

³⁴ Jawab Laban, “Boleh sahaja, aku bersetuju dengan apa yang kamu katakan itu.” ³⁵ Akan tetapi, pada hari itu Laban mengasingkan kambing-kambing jantan yang berceloreng-celoreng dan berbelang-belang, semua kambing betina yang berbintik-bintik dan berbelang-belang, iaitu semua yang ada warna putih pada badannya, serta semua domba yang berwarna gelap, lalu menyerahkan kesemuanya

kepada anak-anaknya. ³⁶ Setelah itu, dia menentukan jarak sejauh tiga hari perjalanan antara dia dengan Yakub, sementara Yakub menggembalakan kawanan ternakan Laban yang lain.

³⁷ Lalu Yakub mengambil dahan-dahan segar daripada pokok hawar, pokok badam, dan pokok berangan. Dikupasnya sebahagian kulitnya hingga tampak belang-belang putih pada dahan-dahan itu. ³⁸ Kemudian dahan-dahan yang telah dikupasnya itu diletakkannya di dalam palung tempat air minuman, sehingga tepat berada di depan kawanan domba yang datang minum. Biasanya, haiwan ternakan itu saling bersenyawa ketika datang untuk minum. ³⁹ Maka, bersenyawalah segala haiwan itu berdekatan dengan dahan-dahan tadi sehingga lahirlah anak-anak domba yang bercelorong-celoreng, berbintik-bintik, dan berbelang-belang.

⁴⁰ Yakub memisahkan domba-domba itu, lalu menghadapkan muka kawanan domba yang selebihnya ke arah kawanan domba Laban yang bercelorong-celoreng dan yang berwarna gelap. Dia mengasingkan kawanan ternaknya sendiri dan tidak menempatkannya bersama-sama haiwan-haiwan milik Laban.

⁴¹ Maka setiap kali kawanan domba yang kuat bersenyawa, Yakub meletakkan dahan-dahan

itu di dalam palung, di hadapan mata haiwan-haiwan itu, sehingga mereka bersenyawa dekat dahan-dahan itu. ⁴² Tetapi jika kawanan domba itu lemah, dahan-dahan itu tidak diletakkan di depannya. Dengan demikian, haiwan yang lemah menjadi milik Laban manakala yang kuat menjadi milik Yakub. ⁴³ Maka semakin bertambah-tambahlah kekayaan Yakub. Dia mempunyai banyak kawanan domba, unta, dan keldai, serta hamba lelaki dan perempuan.

Yakub lari meninggalkan Laban

31 ¹ Yakub terdengar anak-anak Laban merungut, “Yakub telah mengambil segala sesuatu yang dimiliki ayah kita, dan dia menjadi kaya raya hasil daripada harta milik ayah kita.” ² Dan Yakub nampak wajah Laban terhadapnya tidak kelihatan seramah dahulu. ³ Tuhan berfirman kepada Yakub, “Pulanglah ke negeri nenek moyangmu, kepada sanak saudaramu. Aku akan menyertaimu.”

⁴ Lalu Yakub menyuruh orang memanggil Rahel dan Lea ke padang, ke tempat kawanan ternakan dombanya. ⁵ Katanya kepada mereka, “Aku lihat wajah ayahmu tidak seramah dahulu lagi terhadapku. Namun demikian, Allah ayahku menyertaiku.” ⁶ Kamu pun tahu bahawa aku telah mengabdikan pada ayahmu dengan sekuat

tenaga. ⁷ Meskipun begitu, ayahmu telah menipu aku. Dia mengubah upahku sampai sepuluh kali. Akan tetapi, Allah tidak mengizinkannya berbuat jahat terhadap aku. ⁸ Jika dia berkata, 'Haiwan yang berbintik-bintik akan menjadi upahmu,' maka seluruh kawanan domba itu melahirkan anak yang berbintik-bintik. Jika dia berkata, 'Haiwan yang bercelorong-celoreng akan menjadi upahmu,' maka seluruh kawanan domba itu melahirkan anak yang bercelorong-celoreng. ⁹ Demikianlah Allah mengambil ternak ayahmu dan memberikannya kepadaku.

¹⁰ Pernah pada musim persenyawaan segala ternakan itu, aku bermimpi. Dalam mimpi itu kulihat kambing jantan yang sedang bersenyawa itu bercelorong-celoreng dan berbintik-bintik dan berbelang-belang. ¹¹ Kemudian dalam mimpi itu malaikat Allah bersabda kepadaku, 'Yakub!' Jawabku, 'Ya, aku ada di sini.' ¹² Sabda-Nya, 'Angkatlah wajahmu dan lihatlah, semua kambing jantan yang sedang bersenyawa itu bercelorong-celoreng, berbintik-bintik dan berbelang-belang, kerana telah Kulihat semua yang dilakukan Laban terhadap kamu. ¹³ Akulah Allah yang menunjukkan diri di Betel. Di tempat itu kamu mencurahkan minyak pada sebuah

tugu batu, dan kamu bernazar kepada-Ku. Sekarang, bersiaplah, keluarlah dari negeri ini dan pulanglah ke tanah kelahiranmu.’ ”

¹⁴ Lalu jawab Rahel dan Lea kepadanya, “Masih adakah bahagian atau harta pusaka milik kami dalam rumah ayah kami? ¹⁵ Bukankah kami ini dianggapnya orang asing? Dia telah menjual kami, bahkan bahagian milik kami pun telah dihabiskannya. ¹⁶ Sesungguhnya, segala kekayaan yang diambil Allah daripada ayah kami ialah milik kami dan anak-anak kami. Sekarang, lakukanlah semua yang difirmankan Allah kepadamu.”

¹⁷ Maka Yakub terus menaikkan para isteri serta anak-anaknya ke atas unta. ¹⁸ Dibawanyalah semua ternaknya dan segala harta benda yang diperolehnya, iaitu ternak miliknya yang diperolehnya di Padan-Aram, untuk pergi kepada Ishak, ayahnya, di Tanah Kanaan. ¹⁹ Dan ketika Laban pergi menggunting bulu domba-dombanya, Rahel sempat mencuri terafim^g milik ayahnya itu. ²⁰ Yakub mengakali Laban, orang Aram itu, dengan tidak memberitahu kepadanya bahawa dia berhasrat untuk lari. ²¹ Maka larilah Yakub dengan segala sesuatu yang dimilikinya.

^g**31:19** Dlm bhs Ibrani, ‘terafim’ bererti berhala yang disembah sebagai pelindung rumah tangga. Kemudian terafim itu disingkirkan oleh Yakub (lihat Kej. 35:2-4).

Dia menyeberangi Sungai Efrat, lalu berjalan ke arah Pergunungan Gilead.

²² Pada hari ketiga Laban diberitahu bahawa Yakub telah lari. ²³ Lalu Laban mengajak sanak saudaranya dan mengejar Yakub sejauh tujuh hari perjalanan sehingga dia berjaya memintasnya di Pergunungan Gilead. ²⁴ Namun demikian, pada malam harinya Allah datang dalam suatu mimpi kepada Laban, orang Aram itu, serta berfirman kepadanya, “Awas, jangan katakan apa-apa pun, sama ada yang baik atau yang buruk kepada Yakub!” ²⁵ Maka sampailah Laban di tempat Yakub. Apabila Yakub mendirikan khemahnya di Pergunungan Gilead, Laban dan saudara-saudaranya juga mendirikan khemah mereka di pergunungan itu.

²⁶ Kata Laban kepada Yakub, “Apakah yang kamu lakukan ini? Kamu mengkaliku dan membawa lari anak-anak perempuanku seolah-olah mereka tawanan. ²⁷ Mengapakah kamu lari secara senyap-senyap dan mengkaliku? Mengapakah kamu tidak memberitahu aku agar dapat aku menghantar kamu dengan senang hati diiringi nyanyian, rebana, dan kecapi? ²⁸ Kamu pun tidak memberiku kesempatan mencium cucu-cucuku serta anak-anakku. Kali ini perbuatanmu amat bodoh sekali! ²⁹ Aku berkuasa untuk menyakitimu, tetapi semalam Allah ayahmu

berfirman kepadaku, 'Awas, jangan katakan apa-apa pun sama ada yang baik atau yang buruk kepada Yakub!' ³⁰ Sekarang, kalau memang kamu harus pergi kerana sudah begitu merindukan rumah ayahmu, mengapakah kamu mencuri tuhan-tuhanku?"

³¹ Jawab Yakub kepada Laban, "Sebab aku takut sekiranya pak cik akan merebut anak-anak pak cik daripadaku. ³² Namun demikian, sesiapa pun yang pak cik dapati membawa tuhan-tuhan pak cik itu, dia tidak akan dibiarkan hidup. Jadi, periksalah di hadapan saudara-saudara kita apakah ada barang-barang pak cik padaku, dan ambillah." Yakub tidak tahu bahawa memang Rahel yang mencuri barang-barang itu.

³³ Maka masuklah Laban ke dalam khemah Yakub, khemah Lea, dan khemah kedua-dua hamba perempuan anak-anaknya, tetapi tidak ditemukannya. Setelah keluar dari khemah Lea, dia masuk pula ke dalam khemah Rahel. ³⁴ Tetapi Rahel sudah lebih dahulu mengambil terafim itu dan memasukkannya ke dalam pelana unta lalu duduk di atasnya. Laban menggeledah seluruh khemah itu tetapi tidak juga menemukan barang berkenaan. ³⁵ Kata Rahel kepada ayahnya, "Janganlah ayah^h marah kerana aku tidak dapat

^h**31:35** Harfiah: Tuan aku.

berdiri di hadapan ayah. Aku sedang haid.” Laban memeriksa lagi, tetapi dia tidak menemui terafim itu.

³⁶ Yakub menjadi marah lalu berbantah-bantahan dengan Laban. Katanya kepada Laban, “Apakah salahku dan apa dosaku hingga pak cik mengejar aku segigih ini? ³⁷ Setelah pak cik menggeledah semua barangku, apakah pak cik menjumpai barang-barang rumah pak cik? Letakkanlah di sini, di hadapan saudara-saudaraku dan saudara-saudara pak cik. Biarlah mereka memutuskan perkara antara kita berdua. ³⁸ Dua puluh tahun lamanya aku bersama pak cik. Domba dan kambing betina pak cik tidak pernah keguguran, kambing jantan pak cik tidak pernah kumakan. ³⁹ Tidak pernah kubawa kepada pak cik ternakan yang telah dikoyak-koyakkan oleh binatang buas. Aku sendirilah yang menggantinya. Ternakan yang dicuri pada siang atau malam hari pun pak cik tuntutan daripadaku. ⁴⁰ Siang hari aku dilayur oleh teriknya panas matahari, dan malam hari disiat-siat oleh udara dingin. Matakku sering tidak terpejam. ⁴¹ Dua puluh tahun lamanya aku di rumah pak cik. Empat belas tahun aku bekerja dengan pak cik demi kedua-dua anak pak cik, dan enam tahun demi ternakan pak cik. Selama itu, sudah sepuluh kali pak cik mengubah upahku.

⁴² Kalau Allah ayahku, Allah Abraham dan Yang Dijunjung Tinggi oleh Ishak tidak menyertaiku, tentulah sekarang pak cik melepaskan aku pergi dengan tangan kosong. Akan tetapi, Allah melihat betapa aku teraniaya serta jerih lelahku, maka Dia menegur pak cik semalam.”

⁴³ Jawab Laban kepada Yakub, “Perempuan-perempuan ini anakku, anak-anak ini cucuku, kawan-kawan ternakan ini milikku, demikian pula semua yang kau lihat ini. Tetapi apa yang boleh kulakukan hari ini untuk anak-anakku atau untuk anak-anak yang dilahirkan mereka? ⁴⁴ Sekarang, marilah kita mengikat perjanjian antara aku dengan kamu, dan biarlah perjanjian itu menjadi saksi antara kita.”

⁴⁵ Maka Yakub mengambil sebuah batu dan mendirikannya menjadi sebuah tugu. ⁴⁶ Kata Yakub kepada sanak saudaranya, “Kumpulkanlah batu-batu.” Lalu mereka mengambil batu-batu dan membuat suatu timbunan. Setelah itu, mereka makan berdekatan dengan timbunan batu itu. ⁴⁷ Laban menamai timbunan batu itu Yegar-Sahaduta, tetapi Yakub menamainya Galed. ⁴⁸ Kata Laban, “Pada hari ini, timbunan batu ini menjadi saksi antara aku dengan kamu.” Itulah sebabnya timbunan batu itu dinamai Galed ⁴⁹ dan juga Mizpa, kerana katanya, “Semoga Tuhan mengawas antara aku dengan

kamu semasa kita tidak bersama-sama.⁵⁰ Jika kamu menganiaya anak-anakku, dan jika kamu mengambil isteri lain selain anak-anakku, ingatlah, Allah menjadi saksi antara aku dengan kamu, sekalipun tiada orang berada di hadapan kita.”⁵¹ Kata Laban pula kepada Yakub, “Lihat, inilah timbunan batu dan inilah tugu yang telah kudirikan antara aku dengan kamu.

⁵² Timbunan batu inilah saksi, juga tugu inilah saksi, bahawa aku tidak akan melintas timbunan batu ini untuk mendatangimu dengan niat jahat, dan kamu pun tidak akan melintas timbunan batu ini serta tugu ini untuk mendatangiku dengan niat serupa.⁵³ Allah Abraham, dan Allah Nahor, dan Allah ayah mereka menjadi hakim antara kita.” Lalu bersumpahlah Yakub demi Yang Dijunjung Tinggi oleh Ishak, ayahnya.

⁵⁴ Setelah itu, Yakub mempersembahkan korban sembelihan di pergunungan itu dan mengundang saudara-saudaranya untuk makan. Mereka pun makan dan bermalam di pergunungan itu.

⁵⁵ Keesokan harinya Laban bangun pagi-pagi. Dicuminya para cucu serta anak-anaknya, dan dia mendoakan keberkatan bagi mereka. Setelah itu, Laban pun berangkat pulang.

Pergelutan Yakub

32 ¹ Yakub meneruskan perjalanannya, lalu para malaikat Allah datang menemuinya.

² Tatkala Yakub melihat mereka, dia berkata, “Ini sebuah perkhemahan para malaikat Allah!” Maka dinamainya tempat itu Mahanaim.

³ Lalu Yakub menghantar beberapa orang utusan lebih dahulu daripadanya untuk menemui Esau, abangnya, di Tanah Seir, wilayah Edom.

⁴ Pesannya kepada mereka, “Beginilah harus kamu katakan kepada tuanku Esau, ‘Hambamu Yakub berkata: Selama ini aku tinggal dengan Laban sebagai pendatang dan menetap di sana sampai sekarang. ⁵ Aku mempunyai lembu, keldai, domba, hamba lelaki, serta hamba perempuan, dan aku mengirim utusan untuk memberitahukan hal itu kepada tuanku, supaya tuan berkenan padaku.’ ”

⁶ Maka kembalilah para utusan itu kepada Yakub dan berkata, “Kami telah menemui Esau, abangmu, dan dia pun dalam perjalanan bersama-sama empat ratus orang lelaki untuk menemuimu.” ⁷ Maka sangat susah hati dan ketakutanlah Yakub. Lalu dia membahagikan semua orang yang menyertainya serta kawanan domba, lembu, serta unta menjadi dua rombongan. ⁸ Fikirnya, “Jika Esau menyerang

salah satu rombongan, rombongan yang satu lagi akan terlepas.”

⁹ Berkatalah Yakub, “Ya Allah datukku Abraham dan Allah ayahku Ishak, ya Tuhan yang telah berfirman kepadaku, ‘Pulanglah ke negerimu, kepada sanak saudaramu, dan Aku akan berbuat baik kepadamu,’ ¹⁰ aku tidak layak menerima sedikit pun daripada segala ihsan serta kasih setia yang telah Engkau tunjukkan kepada hamba-Mu ini, kerana hanya dengan tongkat ini aku menyeberangi Sungai Yordan ini dahulu, tetapi kini aku terbahagi menjadi dua buah rombongan. ¹¹ Namun demikian, lepaskanlah aku daripada tangan Esau, abangku, kerana aku takut kepadanya, jangan-jangan dia datang untuk menyerang aku serta para ibu dengan anak-anak mereka. ¹² Bukankah Engkau pernah berfirman, ‘Aku pasti berbuat baik kepadamu dan menjadikan keturunanmu tidak terhitung bagaikan pasir di laut banyaknya.’ ”

¹³ Maka pada malam itu, Yakub pun bermalam di situ. Kemudian dia menyediakan persembahan untuk abangnya, Esau dengan mengambil beberapa daripada harta benda miliknya ¹⁴ iaitu dua ratus ekor kambing betina, dua puluh ekor kambing jantan, dua ratus ekor domba betina,

dua puluh ekor domba jantan, ¹⁵ tiga puluh ekor unta betina dengan anak-anaknya yang masih menyusui, empat puluh ekor lembu betina, sepuluh ekor lembu jantan, dua puluh ekor keldai betina, dan sepuluh ekor keldai jantan. ¹⁶ Dia menyerahkan kesemua itu kepada para hambanya, masing-masing menjaga sekawanan ternak. Lalu kata Yakub kepada mereka, “Berjalanlah mendahului aku dan berilah jarak di antara satu kawanan ternakan dengan kawanan ternakan yang lain.” ¹⁷ Kepada hambanya yang berjalan paling depan dia berpesan, “Apabila Esau, abangku, menjumpaimu dan bertanya kepadamu, ‘Hamba siapakah kamu? Ke mana kamu hendak pergi? Milik siapakah ternakan di hadapanmu ini?’ ¹⁸ Maka jawablah, ‘Milik hambamu, Yakub. Ini ialah persembahan yang dikirimnya bagi tuanku Esau. Sesungguhnya, dia sendiri ada di belakang kami.’ ” ¹⁹ Demikianlah juga pesannya kepada hambanya yang kedua dan yang ketiga, serta kepada semua orang yang berjalan mengikuti kawanan ternakan itu. Katanya, “Begitulah harus kamu katakan kepada Esau apabila kamu berjumpa dengannya. ²⁰ Katakanlah juga, ‘Sesungguhnya, hambamu Yakub ada di belakang kami.’ ” Kerana fikir Yakub, “Aku hendak menenangkan hatinya dengan persembahan yang dihantar lebih

dahulu ini. Setelah itu, barulah aku akan melihat wajahnya. Barangkali dia mahu menerima aku.”²¹ Jadi, persembahkan itu dihantar terlebih dahulu, sementara dia sendiri bermalam di perkhemahannya pada malam itu.

Yakub bergelut dengan Allah

²² Pada malam itu juga dia bangun lalu dibawanya kedua-dua isterinya dan kedua-dua hamba perempuannya bersama-sama sebelas orang anaknya menyeberang melalui tempat penyeberangan Sungai Yabok.²³ Setelah membawa mereka ke seberang, dibawanya pula ke seberang segala harta bendanya.²⁴ Maka tinggallah Yakub seorang diri lalu muncul seorang lelaki yang bergelut dengannya sehingga fajar menyingsing.

²⁵ Apabila lelaki itu melihat betapa dia tidak dapat mengalahkan Yakub, dipukulnyalah pangkal paha Yakub. Maka terseliuhlah pangkal paha Yakub bahana bergelut dengan lelaki itu.

²⁶ Lalu kata lelaki itu, “Biarkan aku pergi kerana fajar sudah mula menyingsing.”

Tetapi jawab Yakub, “Aku tidak akan membiarkan kamu pergi sebelum kamu memberkati aku.”

²⁷ Lalu lelaki itu bertanya kepadanya, “Siapakah namamu?”

Jawabnya, “Yakub.”

²⁸ Kata lelaki itu, “Kini namamu bukan lagi Yakub tetapi Israel, kerana kamu sudah berjaya bergelut dengan Allah dan dengan manusia.”

²⁹ Maka Yakub pun berkata, “Harap beritahulah namamu.” Jawabnya, “Mengapakah kamu menanyakan namaku?” Kemudian dia memberkati Yakub di situ.

³⁰ Yakub menamai tempat itu Peniel kerana katanya, “Aku telah bersemuka dengan Allah dan nyawaku terselamat.” ³¹ Matahari sudah terbit ketika dia melalui Peniel, dan dia tempang kerana pangkal pahanya. ³² Maka sampai hari ini orang Israel tidak makan urat pinggul yang ada pada pangkal paha binatang kerana Dia telah memukul pangkal paha Yakub pada urat pinggul itu.

Yakub berbaik semula dengan Esau

33 ¹ Ketika Yakub mendongak dia terlihat Esau datang dengan disertai oleh empat ratus orang lelaki. Lalu dia membahagikan anak-anaknya antara Lea dengan Rahel, serta kedua-dua hamba perempuan mereka. ² Dia menempatkan hamba-hamba perempuan itu

dengan anak-anak mereka di depan, kemudian Lea dengan anak-anaknya, dan diikuti Rahel dengan Yusuf di belakang sekali. ³ Yakub sendiri berjalan di depan mereka. Tujuh kali dia sujud memberi hormat sehingga tibalah dia dekat dengan abangnya. ⁴ Tetapi Esau berlari mendapatkannya lalu memeluk Yakub dan merangkul lehernya serta menciumnya. Lalu bertangis-tangisanlah kedua-dua mereka. ⁵ Ketika Esau mengangkat mukanya, dia terlihat kaum wanita serta kanak-kanak di hadapannya. Maka bertanyalah dia, “Siapakah semua orang yang menyertaimu ini?”

Jawab Yakub, “Itulah kesemua anak yang telah Allah anugerahi kepada hambamu ini.” ⁶ Lalu para hamba perempuan itu berserta anak-pinak masing-masing datang dekat dan sujud memberi hormat. ⁷ Lea dan anak-anaknya pun turut mendekat lalu sujud memberi hormat. Setelah itu, Yusuf dan Rahel pula mendekati serta sujud memberi hormat.

⁸ Bertanyalah Esau, “Apakah maksudmu dengan semua rombongan yang kutemui tadi?”

Jawab Yakub, “Supaya tuanku berkenan kepada hamba.”

⁹ Tetapi kata Esau, “Aku berkecukupan, adikku. Biarlah apa yang ada padamu tetap menjadi milikmu.”

¹⁰ Kata Yakub, “Kuminta janganlah demikian. Jika tuan memang berkenan kepada hamba, terimalah persembahan daripada tangan hamba ini, kerana bagi hamba melihat wajah tuan sahaja rasanya seperti melihat wajah Allah. Tuan telah menyambut aku dengan baik. ¹¹ Kumohon terimalah pemberian yang dihantarkan kepada tuan itu, kerana Allah telah bermurah hati kepada hamba sehingga hamba mempunyai semua ini.” Dia bersungguh-sungguh meminta sedemikian hingga Esau pun sudi menerimanya.

¹² Kata Esau, “Ayuh kita meneruskan perjalanan ini. Biar aku berjalan mendahuluiimu.”

¹³ Tetapi kata Yakub kepadanya, “Tuanku maklum bahawa anak-anak ini masih lemah, apatah lagi kawanan ternakan yang ada pada hamba ada yang masih menyusui. Jika dipaksakan berjalan satu hari sahaja, maka kesemua haiwan itu akan mati. ¹⁴ Jadi, biarlah tuan berjalan mendahului hambamu dan hamba akan maju perlahan-lahan menurut langkah ternakan yang ada di depan hamba serta langkah anak-anak, hingga hamba sampai kepada tuan di Seir.”

¹⁵ Kata Esau, “Kalau begitu, biarlah kutinggalkan denganmu beberapa daripada orang yang menyertaiku.”

Jawab Yakub, “Mengapakah harus demikian? Cukuplah bagi hamba jika tuanku berkenan

pada hamba.”¹⁶ Maka pulanglah Esau pada hari itu juga menuju Seir.¹⁷ Sebaliknya, Yakub berangkat menuju Sukot di mana dia mendirikan sebuah rumah baginya serta petak-petak bagi ternakannya. Itulah sebabnya tempat itu dinamai Sukot.

¹⁸ Setelah berjalan sekian lama dari Padan-Aram, sampailah Yakub dengan selamat di Kota Sikhem, di Tanah Kanaan, lalu didirikannya khemahnya berdekatan dengan kota itu.

¹⁹ Kemudian dibelinya sebidang tanah berharga seratus keping wang perak daripada bani Hamor iaitu ayah Sikhem, yakni tempat dia mendirikan khemahnya.²⁰ Lalu dia mendirikan sebuah mazbah di sana dan menamainya “El-Elohe Israel” iaitu “Allah Israel ialah Allah.”

Dina dan Sikhem

34¹ Maka Dina, anak gadis Lea yang dilahirkannya untuk Yakub, pergi mengunjungi para anak gadis di negeri itu.

² Apabila Sikhem anak Hamor, orang Hewi, anak raja negeri itu terlihat Dina, dia menculik lalu memperkosa gadis itu.³ Tetapi dia terpaut serta jatuh cinta kepada Dina, anak Yakub itu dan dia berusaha untuk menenteramkan hati gadis

itu. ⁴ Lalu berkatalah Sikhem kepada bapanya, Hamor, “Ambillah anak gadis itu menjadi isteriku.”

⁵ Khabar itu kemudian terdengar oleh Yakub, bahawa Sikhem telah menodai Dina, anaknya. Tetapi pada waktu itu para anak lelakinya berada bersama-sama ternakan mereka di padang. Maka Yakub berdiam diri sehingga mereka tiba.

⁶ Kemudian Hamor, ayah Sikhem, pergi menemui Yakub untuk berbicara dengannya.

⁷ Sekembalinya para anak Yakub dari padang mereka mendengar khabar itu. Amat terluka hati dan sangat marah mereka kerana Sikhem berlaku amat keji terhadap warga Israel dengan meniduri anak perempuan Yakub, suatu perbuatan yang tidak patut dilakukan. ⁸ Lalu Hamor berbicara kepada Yakub dan anak-anaknya, katanya, “Anakku Sikhem begitu asyik dan terpaut dengan anak gadismu. Kumohon semoga kamu berikan dia untuk menjadi isterinya. ⁹ Marilah kita saling berbesan. Berikanlah gadis-gadismu kepada kami, dan ambillah gadis-gadis kami bagimu. ¹⁰ Tinggallah dengan kami dan negeri ini terbuka untukmu. Tinggallah, berniagaalah, dan menetaplah di sini.”

¹¹ Kemudian Sikhem berkata kepada ayah Dina dan kepada para saudaranya, “Kumohon

berbaik hatilahⁱ kepadaku. Apa pun yang kamu perlu daripadaku akan kuberikan. ¹² Tetapkanlah kepadaku mahar dan hadiah seberapa tinggi sekalipun, dan aku akan membayar sebanyak yang kamu sebutkan. Hanya, berikanlah gadis itu kepadaku untuk menjadi isteriku.”

¹³ Oleh sebab Sikhem telah menodai Dina, adik mereka, anak-anak Yakub menjawab Sikhem dan Hamor, ayahnya dengan penuh tipu daya. ¹⁴ Kata mereka kepada kedua-dua orang itu, “Kami tidak dapat berbuat demikian kerana menyerahkan adik kami kepada lelaki yang tidak bersunat itu suatu keaiban buat kami. ¹⁵ Hanya dengan syarat ini kami akan menyetujui permintaanmu jika kamu menjadi sama seperti kami iaitu setiap lelaki antara kamu harus disunatkan. ¹⁶ Setelah itu, barulah kami akan memberikan gadis kami kepadamu, atau sebaliknya akan kami ambil para gadismu untuk kami dan seterusnya kami tinggal antara kamu sehingga kita menjadi satu bangsa. ¹⁷ Tetapi jika kamu tidak mengendahkan syarat kami untuk disunatkan, maka kami akan membawa pergi adik kami dan pergi dari sini.”

¹⁸ Permintaan mereka itu diterima dengan sukacita oleh Hamor dan Sikhem, anak Hamor. ¹⁹ Tanpa menunda-nunda lagi, pemuda itu

ⁱ**34:11** Harfiah: Mendapat restu di matamu.

segera memenuhi syarat yang diminta kerana dia teramat suka kepada Dina, anak Yakub, apatah lagi dia warga yang paling dihormati antara seluruh kaum keluarganya.

²⁰ Maka pergilah Hamor dan Sikhem, anaknya, ke pintu gerbang kota mereka, lalu berbicara dengan para warga kota itu. Kata mereka, ²¹ “Orang ini menunjukkan sikap bersahabat kepada kita. Biarlah mereka tinggal di negeri ini dan berniaga di sini kerana lihatlah, negeri ini masih cukup luas untuk mereka! Dengan demikian kita dapat memperisteri anak gadis mereka, dan kita juga dapat membenarkan mereka memperisteri anak gadis kita. ²² Namun begitu, hanya dengan syarat ini mereka setuju untuk tinggal bersama dengan kita sehingga kita menjadi satu bangsa, iaitu jika semua lelaki antara kita disunatkan, sebagaimana mereka disunatkan. ²³ Bukankah kelak segala ternakan mereka, harta milik mereka, dan segala haiwan mereka akan menjadi milik kita? Kita cuma perlu menyetujui syarat mereka, sehingga mereka mahu tinggal bersama-sama kita.” ²⁴ Kesemua lelaki yang datang berkumpul di pintu gerbang kota itu menyetujui permohonan Hamor dan Sikhem, anaknya. Maka disunatkanlah semua lelaki, iaitu semua orang yang hadir di pintu gerbang kota itu.

²⁵ Pada hari ketiga, ketika warga lelaki mereka masih kesakitan, dua orang anak Yakub, iaitu Simeon dan Lewi, para abang kepada Dina, mengambil pedang masing-masing lalu memasuki kota itu dengan tenang lalu membunuh semua lelaki di situ. ²⁶ Mereka turut membunuh Hamor dan Sikhem dengan mata pedang. Mereka mengambil Dina dari rumah Sikhem lalu pergi. ²⁷ Anak-anak Yakub merampas harta benda warga yang terbunuh lalu menjarah kota itu, kerana adik mereka telah dinodai. ²⁸ Mereka mengambil kawanan ternakan serta keldai mereka, dan apa-apa sahaja yang ada di kota itu, juga apa-apa yang ada di padang. ²⁹ Mereka pun menjarah seluruh kekayaan penduduk, menawan semua perempuan serta kanak-kanak kecil dan merampas segala sesuatu yang ada di dalam rumah.

³⁰ Berkatalah Yakub kepada Simeon dan Lewi, “Kamu telah menyusahkan aku dengan membusukkan namaku dalam kalangan penduduk negeri ini, iaitu orang Kanaan dan orang Feris. Jumlah kita hanya sedikit. Jika mereka berkumpul melawan kita dan menyerang kita, maka musnahlah aku beserta seisi rumahku.” ³¹ Tetapi jawab mereka, “Patutkah adik kami diperlakukan seperti perempuan sundal?”

Yakub kembali berdoa di Betel

35 ¹ Allah berfirman kepada Yakub, “Bersiaplah, pergilah ke Betel dan tinggallah di sana. Di sana bangunlah sebuah mazbah untuk Allah, yang telah menampakkan diri kepadamu ketika kamu melarikan diri daripada Esau, abangmu.”

² Lalu Yakub berkata kepada seisi rumahnya dan kepada semua orang yang menyertainya, “Buanglah kesemua tuhan berhala bangsa asing yang ada dalam simpananmu. Sucikanlah dirimu dan tukarlah pakaianmu. ³ Marilah kita bersiap-siap pergi ke Betel. Di sana aku akan mendirikan sebuah mazbah untuk Allah, yang mempedulikan aku ketika aku dalam kesusahan dan yang menyertai aku di jalan yang kutempuhi.”

⁴ Maka mereka memberi Yakub kesemua tuhan berhala bangsa asing yang dimiliki mereka dan anting-anting yang ada di telinga mereka, dan Yakub menanam kesemuanya di bawah pokok oak yang tegak berdekatan dengan Sikhem.

⁵ Kemudian mereka pun berangkat. Allah menyebabkan rasa takut melanda kota-kota yang ada di sekeliling mereka dan tiada yang memburu para anak Yakub itu. ⁶ Maka Yakub

bersama-sama semua anggota rombongannya itu tiba di Lus, iaitu Betel, di Tanah Kanaan. ⁷ Dia pun mendirikan sebuah mazbah di situ lalu menamakan tempat itu, “El-Betel”,^j kerana di sanalah Allah menunjukkan diri kepadanya ketika dia melarikan diri daripada abangnya. ⁸ Pada waktu itu Deborah, pengasuh Ribka, meninggal lalu dikuburkan di hilir Betel, di bawah sebuah pokok oak. Maka pokok itu dinamai Pokok Oak Tangisan.

⁹ Setelah Yakub kembali dari Padan-Aram, Allah menampakkan diri lagi kepadanya dan memberkatinya. ¹⁰ Firman Allah kepadanya, “Namamu Yakub, tetapi kamu tidak akan lagi disebut Yakub. Namamu akan menjadi Israel.” Maka Allah menamainya Israel. ¹¹ Firman Allah kepadanya pula, “Akulah Allah Yang Maha Kuasa. Beranakcuculah dan bertambah ramailah. Sebuah bangsa, bahkan sekumpulan bangsa akan berasal daripadamu, dan daripada keturunanmu akan muncul raja-raja. ¹² Negeri ini, yang Kukurniakan kepada Abraham dan Ishak, akan Kukurniakan kepadamu. Aku pun akan mengurniakan negeri ini kepada keturunanmu kelak.” ¹³ Setelah itu, Allah meninggalkan Yakub

^j**35:7** Atau: Allah Yang Menyatakan Diri di Betel.

di tempat Dia berfirman kepadanya. ¹⁴ Lalu tepat di tempat Allah berfirman kepadanya itu Yakub mendirikan sebuah tugu batu. Dicurahkannya persembahan minuman di atasnya lalu dituangkannya minyak ke atasnya. ¹⁵ Yakub menamai tempat itu Betel, tempat Allah telah berfirman kepadanya.

Kelahiran Benyamin dan kematian Rahel

¹⁶ Lalu berangkatlah mereka dari Betel. Ketika mereka tidak jauh lagi dari Efrata, tiba waktunya bagi Rahel untuk bersalin, dan dia merasa amat susah bersalin. ¹⁷ Ketika dia mengalami kesukaran yang teruk, berkatalah bidan kepadanya, “Jangan takut, kerana kali ini pun kamu akan mendapat seorang anak lelaki.” ¹⁸ Ketika dia hampir-hampir menghembuskan nafasnya yang terakhir, dinamainya anak itu Ben-Oni tetapi ayah bayi itu menamainya Benyamin.

¹⁹ Maka Rahel meninggal dan dimakamkan di sisi jalan menuju Efrata, iaitu Betlehem. ²⁰ Di atas makamnya Yakub mendirikan sebuah nisan, dan nisan makam Rahel itu masih ada sampai hari ini. ²¹ Kemudian Israel berangkat lagi. Didirikannya khemahnya di seberang Migdal-Eder.

²² Ketika Israel tinggal di negeri itu, Ruben meniduri Bilha, gundik ayahnya, dan hal itu terdengar oleh Israel.

Para anak lelaki Yakub semuanya berjumlah dua belas orang. ²³ Anak daripada Lea ialah Ruben, anak sulung Yakub, kemudian Simeon, Lewi, Yehuda, Isakhar, dan Zebulon. ²⁴ Anak daripada Rahel ialah Yusuf dan Benyamin. ²⁵ Anak daripada Bilha, hamba Rahel ialah Dan serta Naftali ²⁶ manakala anak-anak dari Zilpa, hamba Lea ialah Gad dan Asyer. Itulah anak-anak lelaki Yakub yang dilahirkan baginya di Padan-Aram.

²⁷ Akhirnya sampailah Yakub di tempat Ishak, ayahnya, iaitu di Mamre dekat Kiryat-Arba, iaitu Hebron, tempat Abraham dan Ishak tinggal sebagai pendatang. ²⁸ Ishak mencapai usia seratus delapan puluh tahun. ²⁹ Setelah itu Ishak, yang sudah tua dan lanjut umurnya, menghembuskan nafasnya yang terakhir lalu meninggal dan dikumpulkan bersama-sama para leluhurnya. Lalu anak-anaknya, Esau dan Yakub memakamkannya.

Keturunan Esau

36 ¹ Inilah keturunan Esau, yang juga dikenali sebagai Edom. ² Esau memperisteri kaum

perempuan Kanaan, iaitu Adah anak Elon, orang Het; Oholibama, anak Ana, anak Zibeon, orang Hewi; ³ dan juga Basmat anak Ismael, adik Nebayot. ⁴ Untuk Esau, Adah melahirkan Elifas, Basmat melahirkan Rehuel, ⁵ manakala Oholibama melahirkan Yeus, Yaelam, dan Korah. Itulah anak-anak Esau yang dilahirkan untuknya di Tanah Kanaan.

⁶ Esau membawa para isterinya, para anaknya baik lelaki mahupun perempuan, semua orang yang ada di rumahnya, ternakannya, segala haiwannya, dan segala harta benda yang diperolehnya di Tanah Kanaan pergi ke sebuah negeri, jauh daripada Yakub, adiknya. ⁷ Memang harta benda kedua-dua saudara itu terlalu banyak, sehingga tidak mungkin bagi mereka untuk tinggal bersama-sama. Selain itu, negeri tempat mereka tinggal sebagai pendatang itu pun tidak dapat menampung mereka kerana ternakan mereka begitu banyak sekali. ⁸ Maka tinggallah Esau, iaitu Edom, di Pergunungan Seir.

⁹ Inilah urutan salasilah Esau, leluhur orang Edom di Pergunungan Seir. ¹⁰ Nama para anak Esau ialah Elifas, daripada isterinya, Adah, dan Rehuel, daripada isterinya, Basmat. ¹¹ Para anak Elifas ialah Teman, Omar, Zefo, Gaetam,

dan Kenas. ¹² Timna, gundik Elifas anak Esau, melahirkan Amalek untuk Elifas. Itulah keturunan Adah, isteri Esau. ¹³ Anak-anak Rehuel ialah Nahat, Zerah, Syama, dan Miza. Itulah keturunan Basmat, isteri Esau.

¹⁴ Oholibama anak Ana anak Zibeon, isteri Esau, melahirkan anak iaitu Yeus, Yaelam dan Korah untuk Esau.

¹⁵ Inilah para ketua kaum bani Esau. Keturunan Elifas, anak sulung Esau, menjadi ketua kaum Teman, ketua kaum Omar, ketua kaum Zefo, ketua kaum Kenas, ¹⁶ ketua kaum Korah, ketua kaum Gaetam, dan ketua kaum Amalek. Itulah ketua kaum Elifas di Tanah Edom, dan itulah keturunan Adah.

¹⁷ Keturunan Rehuel anak Esau menjadi ketua kaum Nahat, ketua kaum Zerah, ketua kaum Syama, dan ketua kaum Miza. Itulah ketua kaum Rehuel di Tanah Edom, dan itulah keturunan Basmat, isteri Esau.

¹⁸ Keturunan Oholibama, isteri Esau, menjadi ketua kaum Yeus, ketua kaum Yaelam, dan ketua kaum Korah. Itulah para ketua keturunan kaum Oholibama anak Ana, isteri Esau itu.

¹⁹ Demikianlah daftar keturunan bani Esau, iaitu Edom, dan itulah para ketua kaum mereka.

²⁰ Ini ialah anak-anak Seir,^k orang Hori, penduduk negeri itu, iaitu Lotan, Syobal, Zibeon, Ana, ²¹ Disyon, Ezer, dan Disyan. Itulah keturunan Seir yang menjadi ketua kaum orang Hori di Tanah Edom.

²² Anak Lotan ialah Hori dan Heman dan Timna ialah saudara perempuan Lotan.

²³ Anak Syobal ialah Alwan, Manahat, Ebal, Syefo, dan Onam.

²⁴ Anak Zibeon ialah Aya dan Ana. Dan Ana inilah yang menemukan mata air panas di gurun sewaktu dia menggembala keldai Zibeon, ayahnya. ²⁵ Ana mempunyai seorang anak lelaki, iaitu Disyon, dan seorang anak perempuan, iaitu Oholibama. ²⁶ Anak Disyon ialah Hemdan, Eshyan, Yitran, dan Keran.

²⁷ Anak Ezer ialah Bilhan, Zaawan, dan Akan.

²⁸ Anak Disyan ialah Us dan Aran.

²⁹ Inilah ketua kaum orang Hori iaitu ketua kaum Lotan, ketua kaum Syobal, ketua kaum Zibeon, ketua kaum Ana, ³⁰ ketua kaum Disyon, ketua kaum Ezer, dan ketua kaum Disyan. Itulah susunan ketua kaum orang Hori menurut kaum mereka di Tanah Seir.

^k**36:20** Anak-anak Seir: Bangsa Hori, penduduk asli Tanah Edom yang dipunahkan oleh keturunan Esau (lihat Ul. 2:12).

³¹ Inilah barisan raja yang bertakhta di Tanah Edom sebelum ada seorang raja yang bertakhta di atas orang Israel: ³² Bela anak Beor bertakhta di Edom, nama kotanya ialah Dinhaba.

³³ Setelah Bela mati, Yobab anak Zerah dari Bozra menaiki takhta menggantikannya.

³⁴ Setelah Yobab mati, Husyam dari negeri orang Teman menaiki takhta menggantikannya.

³⁵ Setelah Husyam mati, Hadad anak Bedad, yang mengalahkan orang Midian di daerah Moab, menaiki takhta menggantikannya. Nama kotanya ialah Awit.

³⁶ Setelah Hadad mati, Samla dari Masreka menaiki takhta menggantikannya.

³⁷ Setelah Samla mati, Saul dari Rehobot, yang terletak di tepi sungai, menaiki takhta menggantikannya.

³⁸ Setelah Saul mati, Baal-Hanan anak Akhbor menaiki takhta menggantikannya.

³⁹ Setelah Baal-Hanan anak Akhbor mati, Hadar menaiki takhta menggantikannya, nama kotanya ialah Pahu. Isterinya bernama Mehetabeel anak Matred anak Mezahab.

⁴⁰ Inilah nama pemimpin keturunan Esau menurut kaum dan tempat tinggal mereka, dengan nama masing-masing: ketua kaum Timna, ketua kaum Alwa, ketua kaum Yetet, ⁴¹ ketua kaum Oholibama, ketua kaum Ela, ketua kaum

Pinon, ⁴² ketua kaum Kenas, ketua kaum Teman, ketua kaum Mibzar, ⁴³ ketua kaum Magdiel, dan ketua kaum Iram. Itulah para ketua kaum Edom menurut tempat tinggal mereka di tanah milik mereka. Itulah Esau, bapa leluhur orang Edom.

Yusuf dan saudara-saudaranya

37 ¹ Yakub tinggal di negeri tempat ayahnya menjadi pendatang, iaitu di Tanah Kanaan.

² Inilah salasilah keturunan Yakub.

Maka Yusuf anaknya yang berusia tujuh belas tahun itu menggembalakan kawan ternakan bersama-sama para saudaranya. Dia yang masih muda itu menyertai anak Bilha dan Zilpa, kedua-dua isteri ayahnya, dan Yusuf sering menyampaikan laporan yang buruk tentang saudara-saudaranya kepada ayahnya.

³ Israel memang lebih mengasihi Yusuf daripada semua anaknya yang lain, kerana dialah anak yang lahir pada masa tuanya. Maka dia membuatkan untuk Yusuf sehelai jubah indah yang berlengan panjang. ⁴ Apabila para saudaranya melihat betapa ayah mereka lebih mengasihi Yusuf berbanding dengan kesemua saudaranya, mereka pun membencinya dan tidak mahu ramah mesra jika berbicara dengannya.

⁵ Yusuf yang mendapat satu mimpi menceritakan mimpinya itu kepada para

saudaranya lalu mereka menjadi semakin benci kepadanya. ⁶ Kata Yusuf kepada mereka, “Dengarlah mimpi yang kudapat ini. ⁷ Sewaktu kita sedang mengikat berkas-berkas gandum di ladang, tiba-tiba berkas gandumku bangkit dan berdiri tegak, lalu datanglah berkas-berkas gandummu mengelilingi berkas gandumku dan sujud memberi hormat.”

⁸ Kata para saudaranya kepadanya, “Masakan engkau mahu bertakhta atas kami atau berkuasa atas kami?” Tentunya mereka menjadi semakin benci kepadanya atas sebab mimpinya serta kata-katanya itu.

⁹ Setelah itu Yusuf bermimpi suatu mimpi yang lain, lalu dia menceritakannya kepada para saudaranya, katanya, “Dengar, aku bermimpi lagi. Kelihatan matahari, bulan, dan sebelas butir bintang sujud memberi hormat kepadaku.”

¹⁰ Tetapi, ketika Yusuf menceritakan mimpinya itu kepada ayahnya serta para saudaranya, ayahnya mengherdikannya dan berkata kepadanya, “Mimpi apa itu? Akankah aku, ibumu, dan para saudaramu datang dan sujud memberi hormat kepadamu?” ¹¹ Maka para saudaranya menaruh hasad dengki terhadap dia namun ayahnya menyimpan hal itu dalam hatinya.

Yusuf dijual oleh para saudaranya

¹² Ketika para saudara Yusuf pergi menggembala kawanan ternakan ayah mereka dekat Sikhem, ¹³ berkatalah Israel kepada Yusuf, “Para saudaramu sedang menggembala kawanan ternakan dekat Sikhem, bukan? Marilah, aku mahu menyuruh kamu pergi menemui mereka.”

Jawab Yusuf, “Ya, ayah.”

¹⁴ Lalu dia berpesan kepada Yusuf, “Pergi dan lihatlah sama ada para saudaramu serta seluruh kawanan ternakan dalam keadaan baik. Setelah itu, kembalilah dan khabarkan kepadaku.” Lalu dia menyuruh Yusuf pergi melalui Lembah Hebron.

Yusuf pun sampai di Sikhem. ¹⁵ Dia berjalan ke sana ke mari di padang, lalu bertemu dengan seorang lelaki. Tanya orang itu kepadanya, “Apakah yang kamu cari?”

¹⁶ Jawabnya, “Aku mencari para saudaraku. Tolong beritahu aku, di mana mereka menggembala ternakan mereka.”

¹⁷ Kata orang itu, “Mereka sudah berangkat dari sini, kerana kudengar mereka berkata, ‘Mari kita pergi ke Dotan.’ ” Maka pergilah Yusuf menyusul para saudaranya, lalu menemui mereka di Dotan.

¹⁸ Para saudaranya melihat dia dari jauh. Tetapi sebelum Yusuf tiba dekat mereka,

bermuafakatliah mereka untuk membunuhnya.

¹⁹ Kata mereka sesama sendiri, “Lihat, si tukang mimpi itu datang! ²⁰ Sekarang, mari kita bunuh dia dan kita humber mayatnya ke dalam salah sebuah perigi di sini. Kita katakan sahaja bahawa dia dimakan oleh binatang buas. Nanti kita lihat, apa yang akan terjadi dengan segala mimpinya itu!”

²¹ Tetapi ketika Ruben mendengar hal itu, dia berusaha menyelamatkan Yusuf daripada perbuatan tangan mereka itu. Katanya, “Jangan kita bunuh dia.” ²² Kata Ruben lagi kepada mereka, “Jangan tumpahkan darah. Lemparkan dia sahaja ke dalam perigi yang ada di gurun ini, tetapi jangan cederakan dia.” Maksudnya adalah untuk menyelamatkan Yusuf daripada penganiayaan mereka dan membawanya kembali kepada ayahnya. ²³ Maka setibanya Yusuf di tempat para saudaranya, mereka menanggalkan jubahnya, iaitu jubah indah berlengan panjang yang dipakainya itu, ²⁴ lalu membawa dia dan melemparkannya ke dalam sebuah perigi yang kosong, tidak berair.

²⁵ Setelah itu, mereka pun duduk untuk makan roti. Ketika mendongak, mereka terlihat ada sebuah kafilah bani Ismael yang datang dari Gilead. Unta mereka sarat dengan muatan

rempah-ratus, balsam, dan damar wangi^l untuk dibawa ke Mesir. ²⁶ Lalu berkatalah Yehuda kepada para saudaranya, “Apa untungnya kita membunuh adik kita dan menyembunyikan darahnya? ²⁷ Mari kita jualkannya kepada bani Ismael ini. Jangan kita cederakan dia, kerana dia memang adik kita, darah daging kita.” Maka para saudaranya pun menyetujui kata-katanya. ²⁸ Ketika para saudagar Midian itu tiba berdekatan mereka, Yusuf ditarik dan diangkat keluar dari dalam perigi, lalu dijual kepada bani Ismael itu dengan harga dua puluh keping perak. Maka kumpulan orang itu pun membawa Yusuf ke Mesir.

²⁹ Ketika Ruben kembali ke perigi itu, dilihatnya Yusuf sudah tiada di dalam perigi. Maka dia pun mengoyakkan pakaiannya. ³⁰ Dia kembali kepada para saudaranya dan berkata, “Budak itu tidak ada lagi! Ke manakah aku harus pergi sekarang?”

³¹ Lalu mereka menyembelih seekor kambing jantan lalu mengambil jubah Yusuf dan mencelupkan jubah tersebut ke dalam darah kambing tadi. ³² Setelah itu, mereka membawa jubah indah berlengan panjang itu kepada ayah mereka lalu berkata, “Kami menemukan jubah

^l**37:25** Atau:Perkataan lain: Damar wangi ialah mir.

37:28: Kis 7:9.

ini. Periksalah, adakah ini jubah anak Bapa atau bukan?”

³³ Yakub memeriksanya, lalu berkata, “Ini jubah anaku! Binatang buas menyerangnya! Pasti Yusuf telah dikoyak-koyakkan oleh binatang itu!”

³⁴ Lalu Yakub mengoyakkan pakaiannya dan mengenakan pakaian berkabung lalu diratapinya anaknya itu berhari-hari lamanya. ³⁵ Semua anaknya baik lelaki mahupun perempuan berusaha menghiburkannya, tetapi dia enggan dihiburkan. Katanya, “Tidak! Dengan meratap aku akan turun mendapatkan anaku di alam kubur.” Demikianlah Yusuf ditangisi oleh ayahnya.

³⁶ Sementara itu, di negeri Mesir Yusuf dijual oleh orang Midian itu kepada Potifar, seorang pegawai istana Firaun iaitu ketua pengawal diraja.

Yehuda dan Tamar

38 ¹ Maka Yehuda pun pergi meninggalkan para saudaranya dan menumpang dengan seorang Adulam bernama Hira. ² Di situ Yehuda melihat anak perempuan seorang Kanaan bernama Syua. Maka seterusnya Yehuda memperisteri perempuan itu dan menidurinya. ³ Perempuan itu mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki yang dinamainya Er. ⁴ Lalu dia mengandung lagi dan melahirkan seorang

anak lelaki yang dinamainya Onan. ⁵ Setelah itu, dia sekali lagi melahirkan seorang anak yang dinamainya Syela. Yehuda sedang berada di Kezib pada waktu anak itu dilahirkan.

⁶ Maka Yehuda pun mengambil seorang isteri untuk anak sulungnya iaitu Er. Nama perempuan itu ialah Tamar. ⁷ Tetapi Tuhan mengambil nyawa Er, anak sulung Yehuda itu yang jahat di mata Tuhan. ⁸ Lalu berkatalah Yehuda kepada Onan, “Kahwinilah isteri abangmu dan penuhilah kewajipanmu sebagai ipar, supaya kamu membina keturunan untuk abangmu.” ⁹ Akan tetapi, Onan tahu bahawa keturunan itu kelak tidak akan diakui sebagai miliknya. Jadi, setiap kali dia meniduri isteri abangnya, dia melepaskan air maninya ke tanah kerana dia tidak mahu ada keturunan untuk abangnya. ¹⁰ Perbuatannya itu jahat di mata Tuhan lalu Tuhan pun mengambil nyawanya. ¹¹ Lalu Yehuda berkata kepada Tamar, menantunya, “Tinggallah sebagai balu di rumah ayahmu sehingga anakku Syela dewasa,” kerana fikir Yehuda, “Jangan-jangan Syela jua mati seperti kedua-dua abangnya.” Maka pergilah Tamar dan tinggal di rumah ayahnya.

¹² Setelah beberapa lama kemudian, isteri Yehuda iaitu anak perempuan Syua meninggal. Ketika hati Yehuda sudah pulih, dia pun pergi ke tempat para penggunting bulu

kawanan dombanya di Timna bersama-sama sahabatnya, Hira, seorang Adulam. ¹³ Maka Tamar dikhabarkan demikian: “Ketahuilah, ayah mertuamu sedang menuju Timna untuk menggunting bulu kawanan dombanya.” ¹⁴ Maka Tamar pun menanggalkan pakaian kelaziman seorang balu lalu menutupi wajahnya dan menyelubungi dirinya, lalu duduk di pintu masuk menuju Enaim, yang terletak di jalan ke Timna. Dilakukannya sedemikian kerana dia melihat betapa Syela sudah dewasa tetapi dia tidak juga diberikan kepada Syela untuk diperisteri.

¹⁵ Ketika Yehuda melihat Tamar yang menutupi wajahnya itu, dia menyangka perempuan itu seorang pelacur. ¹⁶ Lalu didekatinya perempuan itu di tepi jalan dan tanpa mengetahui perempuan itu menantunya, berkatalah dia, “Marilah, aku mahu tidur denganmu.”

Balas perempuan itu, “Apa yang akan kauberikan kepadaku kalau kamu tidur dengan aku?”

¹⁷ Jawabnya, “Nanti kukirimkan kepadamu seekor anak kambing dari kawanan ternakanku.”

Kata perempuan itu, “Asalkan kamu memberikan jaminan sampai kamu mengirimkannya kepadaku.”

¹⁸ Tanyanya, “Jaminan apa yang harus kuberikan kepadamu?”

Jawab perempuan itu, “Cincin materaimu, kalungmu, dan tongkat yang ada di tanganmu itu.” Maka diberikannyalah semua itu kepadanya, lalu dia menidurinya. Maka mengandunglah perempuan itu akibat kejadian itu. ¹⁹ Lalu bangkitlah perempuan itu dan pergi dari situ. Dia menanggalkan penutup wajahnya dan memakai semula pakaian lazim seorang balu.

²⁰ Yehuda mengirimkan anak kambing yang dijanjikannya melalui sahabatnya, seorang Adulam itu, dan juga untuk mengambil kembali barang-barang jaminannya daripada perempuan itu. Namun sahabatnya itu tidak berjaya menemui perempuan itu. ²¹ Dia bertanya-tanya kepada orang di tempat itu, katanya, “Di manakah perempuan pelacur kuil yang ada di tepi jalan dekat Enaim itu?”

Jawab mereka, “Di sini tidak ada perempuan pelacur kuil.”

²² Maka kembalilah dia kepada Yehuda dan berkata, “Aku tidak berjaya menemuinya. Apatah lagi, orang di tempat itu berkata, ‘Di sini tidak ada perempuan pelacur kuil.’ ”

²³ Kata Yehuda, “Biarlah barang-barang itu diambilnya, supaya kita tidak diketawakan orang. Sesungguhnya, aku sudah mengirimkan anak kambing ini, tetapi kamu tidak menemui dia.”

²⁴ Kira-kira tiga bulan kemudian kepada Yehuda dikhabarkan, “Tamar, menantummu, telah berbuat zina. Malah, ketahuilah bahawa dia mengandung akibat perzinaannya itu.”

Kata Yehuda, “Bawalah dia ke mari, biar dia dibakar!”

²⁵ Ketika dia sedang dibawa keluar, dia menyuruh orang menyampaikan pesan kepada ayah mertuanya, “Aku mengandung atas perbuatan lelaki yang memiliki barang-barang ini.” Pesannya pula, “Periksalah, siapakah gerangan pemilik cincin materai, kalung, dan tongkat ini?”

²⁶ Yehuda memeriksa barang-barang itu lalu katanya, “Perempuan itulah yang lebih tulus, kerana aku tidak memberikan dia kepada Syela, anaku.” Sejak itu Yehuda tidak lagi meniduri perempuan itu.

²⁷ Apabila tiba waktu perempuan itu akan bersalin, diketahui bahawa ada anak kembar di dalam kandungannya. ²⁸ Semasa kelahiran itu, seorang daripada anaknya mengeluarkan tangannya. Bidan mengambil sehelai benang merah tua lalu diikatkannya pada tangan anak itu, katanya, “Inilah yang keluar lebih dahulu.”

²⁹ Tetapi anak itu menarik tangannya kembali, lalu keluarlah saudara kembarnya. Kata bidan itu, “Betapa kuatnya kamu menerobos keluar!” Oleh

sebab itu dia dinamai Peres.³⁰ Barulah kemudian keluar saudaranya, yang pada tangannya ada benang merah tua, lalu dia dinamai Zerah.

Yusuf dan isteri Potifar

39¹ Sementara itu, Yusuf dibawa ke Mesir lalu seorang Mesir, Potifar, pegawai istana Firaun dan ketua pengawal diraja, membelinya daripada tangan bani Ismael yang membawanya ke sana.² Tuhan menyertai Yusuf sehingga dia menjadi seorang yang berjaya dalam pekerjaannya. Dia tinggal di rumah tuannya, orang Mesir itu.³ Tuannya melihat betapa Tuhan menyertai Yusuf dan bahawa Tuhan membuat segala sesuatu yang dikerjakannya berjaya.⁴ Maka dia berkenan kepada Yusuf dan menjadikan Yusuf khadam peribadi yang melayaninya. Dia menugaskan Yusuf untuk menjadi pengawas di dalam rumahnya. Segala harta bendanya diserahkan kepada kuasa tadbir Yusuf.⁵ Semenjak Yusuf ditugaskan untuk mentadbir urusan di dalam rumahnya dan atas segala harta bendanya, Tuhan memberkati rumah tangga warga Mesir itu atas sebab Yusuf. Berkat Tuhan melimpah atas segala harta bendanya, baik yang ada di dalam rumah mahupun yang

ada di ladang. ⁶ Lalu dia menyerahkan segala harta bendanya untuk ditadbir urus oleh Yusuf, dan dengan bantuan Yusuf dia tidak perlu memikirkan apa-apa lagi selain makanan yang hendak dimakannya.

Yusuf seorang yang berbadan tegap dan tampan parasnya. ⁷ Setelah beberapa waktu lamanya, isteri tuannya mengerlingkan mata kepada Yusuf dan berkata, “Mari, tidurlah dengan aku.” ⁸ Tetapi Yusuf menolaknya. Katanya kepada isteri tuannya itu, “Sesungguhnya, dengan bantuanku tuanku itu tidak perlu memikirkan apa-apa lagi di rumah ini. Segala sesuatu yang dimilikinya telah diserahkan ke dalam kuasa tadbir urusku. ⁹ Di dalam rumah ini tidak ada seorang pun yang lebih besar kuasanya daripada aku, dan tuanku tidak menahan apa-apa pun daripada aku kecuali cik puan, kerana cik puan isterinya. Bagaimanakah mungkin aku melakukan kejahatan yang besar ini dan berdosa terhadap Allah?” ¹⁰ Jadi, meskipun hari demi hari dia memujuk Yusuf namun Yusuf tidak mengendahkan pujukannya untuk tidur di sisinya, ataupun sekadar bersama-samanya.

¹¹ Pada suatu hari, Yusuf masuk ke dalam rumah untuk menjalankan tugasnya. Tiada seorang pun ada di dalam rumah pada saat itu. ¹² Lalu perempuan itu memegang jubah Yusuf sambil berkata, “Mari, tidurlah dengan

aku!” Tetapi Yusuf meninggalkan jubahnya di tangan perempuan itu lalu lari keluar.¹³ Apabila perempuan itu melihat bahwa Yusuf lari keluar dengan meninggalkan jubahnya di dalam tangannya,¹⁴ dia pun memanggil seisi rumahnya. Katanya kepada mereka, “Lihat, suamiku membawa kepada kita seorang Ibrani untuk mempermainkan kita! Dia masuk untuk tidur dengan aku, tetapi aku berteriak dengan suara nyaring.¹⁵ Apabila dia mendengar aku berteriak dengan kuat, dia meninggalkan jubahnya denganku lalu lari keluar.”

¹⁶ Lalu perempuan itu menyimpan jubah Yusuf di sisinya sehingga tuannya pulang ke rumah.¹⁷ Lalu perempuan itu berkata demikian kepada Potifar, katanya, “Hamba Ibrani yang kaubawa untuk kita itu datang kepadaku untuk mempermainkan aku.¹⁸ Tetapi ketika aku berteriak dengan suara nyaring, dia meninggalkan jubahnya padaku lalu dia lari keluar.”

¹⁹ Setelah Potifar mendengar kata-kata yang disampaikan isterinya kepadanya, “Begitulah hambamu memperlakukan aku,” dia menjadi amat marah sekali.²⁰ Lalu dia membawa Yusuf lalu dimasukkannya ke dalam penjara, tempat para tahanan raja ditahan. Maka

terpenjaralah Yusuf di situ. ²¹ Akan tetapi, Tuhan menyertai Yusuf dan menunjukkan kasih-Nya kepadanya lalu Dia membuat kepala penjara itu berkenan kepada Yusuf. ²² Lalu ketua penjara itu menyerahkan semua tahanan di dalam penjara itu kepada pengawasan Yusuf. Segala sesuatu yang harus dikerjakan di situ, Yusuf lah yang mengerjakannya. ²³ Ketua penjara itu tidak perlu lagi untuk mengurus segala sesuatu yang sudah dijalankan oleh Yusuf, kerana Tuhan menyertainya dan Tuhan membuat apa yang dikerjakannya berhasil.

Yusuf mentafsir mimpi jururasa dan pembuat roti

40 ¹ Tidak lama sesudah peristiwa-peristiwa itu, jururasa santapan dan pembuat roti raja Mesir melakukan kesalahan terhadap tuan mereka, raja Mesir. ² Maka murkalah Firaun kepada kedua-dua orang pegawai istananya itu, iaitu kepada ketua jururasa santapan serta ketua pembuat rotinya. ³ Dia menempatkan mereka dalam tahanan di rumah ketua pengawal diraja, iaitu ke dalam penjara tempat Yusuf ditahan. ⁴ Lalu kepala pengawal diraja menyuruh Yusuf untuk menjadi pengiring mereka dan Yusuf pun

melayani mereka. Mereka berada dalam tahanan selama beberapa waktu.

⁵ Maka terjadilah pada malam yang sama, jururasa santapan serta pembuat roti raja Mesir yang ditahan di dalam penjara itu bermimpi.

Mimpi mereka masing-masing memiliki erti yang berbeza. ⁶ Pada pagi harinya, ketika Yusuf datang menemui mereka dan memperhatikan mereka, tampak mereka sedang bersusah hati.

⁷ Maka bertanyalah Yusuf kepada para pegawai istana Firaun yang bersama-sama ditahan dengannya dalam penjara di rumah tuannya itu, “Mengapakah wajah kamu muram hari ini?”

⁸ Jawab mereka kepadanya, “Kami bermimpi, tetapi tiada seorang pun dapat mentafsirkannya.”

Kata Yusuf kepada mereka, “Bukankah tafsiran mimpi itu adalah daripada Allah? Ceritakanlah mimpi itu kepadaku.”

⁹ Lalu ketua jururasa santapan menceritakan mimpinya kepada Yusuf, katanya, “Dalam mimpiku itu kelihatan sebuah pokok anggur di hadapanku. ¹⁰ Pokok anggur itu bercabang tiga. Begitu pokok itu bertunas, bunganya langsung tumbuh dan tandan-tandannya pun mengeluarkan buah anggur yang masak. ¹¹ Pada waktu itu cawan Firaun ada di tanganku. Lalu buah anggur itu kuambil dan kuperah ke dalam

cawan Firaun. Lalu kupersembahkan cawan itu kepada tangan Firaun.”

¹² Kata Yusuf kepadanya, “Inilah tafsir bagi mimpimu: tiga cabang itu bererti tiga hari.

¹³ Dalam masa tiga hari ini, Firaun akan membebaskan kamu dan mengembalikan pangkatmu yang dahulu kepada kamu. Lalu kamu akan kembali mempersembahkan cawan kepada tangan Firaun, seperti yang biasa kamu lakukan sebelumnya ketika kamu menjadi jururasa santapannya. ¹⁴ Tetapi ingatlah aku apabila keadaanmu sudah baik nanti dan berbuat baiklah kepadaku. Ceritakanlah perihalku kepada Firaun dan tolong keluarkan aku dari rumah ini, ¹⁵ kerana sebenarnya aku ini diculik dari negeri orang Ibrani, dan di sini pun aku tidak pernah berbuat sesuatu pun yang menyebabkan aku patut dimasukkan ke dalam kurungan.”^m

¹⁶ Apabila kepala pembuat roti melihat kebaikan tafsiran mimpi itu, dia pun berkata kepada Yusuf, “Aku juga bermimpi: Kelihatan tiga bakul roti di atas kepalaku. ¹⁷ Di dalam bakul teratas ada segala jenis santapan Firaun buatan pembuat roti, tetapi burung-burung memakannya daripada bakul yang ada di atas kepalaku itu.”

^m**40:15** Harfiah: Sumur.

¹⁸ Jawab Yusuf, “Inilah tafsiran bagi mimpimu: tiga bakul itu bererti tiga hari. ¹⁹ Dalam tiga hari ini, Firaun akan memancung kamu dan menggantung kamu pada sebuah tiang lalu burung-burung akan memakan daging tubuhmu.”

²⁰ Pada hari ketiga ternyata hari itu hari ulang tahun kelahiran Firaun. Maka Firaun mengadakan jamuan untuk meraikan kesemua pegawainya. Dia membebaskan ketua jururasa santapan serta kepala pembuat roti di hadapan para pegawainya. ²¹ Kemudian dia memulihkan kedudukan ketua jururasa santapan, maka dapatlah dia kembali mempersembahkan cawan kepada tangan Firaun. ²² Akan tetapi, kepala pembuat roti digantungnya, seperti yang ditafsirkan Yusuf kepada mereka. ²³ Namun begitu, ketua jururasa santapan tidak teringat akan Yusuf, malah dia melupakannya.

Yusuf mentafsir mimpi Firaun

41 ¹ Genap dua tahun selepas itu, bermimpilah Firaun. Kelihatan ketika dia berdiri di tepi Sungai Nil ² tiba-tiba muncul tujuh ekor lembu yang elok bentuknya dan gemuk badannya dari Sungai Nil, lalu lembu-lembu itu meragut rumput di antara tumbuhan mensiang. ³ Sesudah itu muncul pula tujuh ekor lembu lain yang buruk bentuknya dan kurus badannya

dari Sungai Nil, lalu lembu-lembu itu berdiri di sisi lembu-lembu yang terdahulu di tepi Sungai Nil itu. ⁴ Kemudian lembu-lembu yang buruk bentuknya dan kurus itu memakan ketujuh-tujuh ekor lembu yang baik bentuknya dan gemuk tadi. Lalu terjagalah Firaun. ⁵ Firaun tertidur lagi dan bermimpi untuk kali keduanya. Kelihatan tujuh bulir gandum yang gemuk dan baik tumbuh pada satu batang. ⁶ Tidak lama kemudian tumbuh pula tujuh bulir gandum yang kurus dan layu oleh bahang angin timur. ⁷ Lalu ketujuh-tujuh bulir yang kurus itu menelan ketujuh-tujuh bulir yang gemuk dan berisi. Firaun pun terjaga lagi dan menyedari bahawa dia sebenarnya bermimpi! ⁸ Maka pada pagi harinya resahlah hatinya. Dia mengerah orang untuk memanggil semua ahli ilmu ghaib Mesir serta semua orang berilmu, lalu menceritakan mimpinya kepada mereka. Namun begitu tiada seorang pun dapat mentafsirkannya untuk Firaun.

⁹ Maka berkatalah ketua jururasa santapan kepada Firaun, “Hari ini hamba teringat kesalahan hamba. ¹⁰ Dahulu Firaun pernah murka kepada pegawai-pegawainya, kemudian hamba berserta kepala pembuat roti dimasukkan ke dalam tahanan di rumah ketua pengawal

diraja. ¹¹ Pada malam yang sama, kami, iaitu hamba dan rakan hamba itu, bermimpi. Mimpi kami masing-masing memiliki tafsirannya tersendiri. ¹² Bersama-sama kami di sana ada seorang pemuda Ibrani, hamba ketua pengawal diraja. Kemudian kami menceritakan mimpi kami kepadanya, lalu dia mentafsirkan mimpi kami masing-masing. ¹³ Ternyata, tepat seperti yang ditafsirkannya kepada kami, demikianlah yang terjadi. Hamba dikembalikan kepada kedudukan hamba, dan rakan hamba itu digantung.”

¹⁴ Maka Firaun memerintahkan orang untuk memanggil Yusuf, dan dengan segera dia dikeluarkan dari kurungan.ⁿ Setelah bercukur dan berganti pakaian, masuklah dia menghadap Firaun. ¹⁵ Kata Firaun kepada Yusuf, “Aku bermimpi, tetapi tiada seorang pun dapat mentafsirkannya. Lalu kudengar khabar tentang kamu yang mengatakan bahawa ketika kamu mendengar suatu mimpi, kamu dapat langsung mentafsirkannya.”

¹⁶ Jawab Yusuf kepada Firaun, “Bukan hamba, melainkan Allah sajalah yang akan memberikan jawapan demi kesejahteraan Firaun.”

¹⁷ Berkatalah Firaun kepada Yusuf, “Dalam mimpiku itu, aku sedang berdiri di tepi Sungai

ⁿ**41:14** Harfiah: Sumur.

Nil. ¹⁸ Tiba-tiba muncul tujuh ekor lembu yang elok bentuknya dan gemuk badannya dari Sungai Nil, lalu lembu-lembu itu meragut rumput di antara tumbuhan mensiang. ¹⁹ Sesudah itu muncul pula tujuh ekor lembu lain, yang lemah lumpuh, sangat buruk bentuknya dan kurus kering badannya. Belum pernah aku melihat lembu seburuk itu di seluruh Tanah Mesir. ²⁰ Kemudian lembu-lembu yang kurus dan buruk itu makan tujuh ekor lembu gemuk yang mula-mula muncul tadi. ²¹ Namun begitu sekalipun telah makan lembu-lembu yang gemuk itu, masih tiada tanda-tanda bahawa lembu-lembu gemuk itu sudah menjadi makanan kerana bentuk lembu-lembu yang kurus kering itu tetap buruk seperti pada mula-mulanya. Lalu aku pun terjaga. ²² Dalam mimpiku selanjutnya kelihatan tujuh bulir gandum yang berisi dan baik tumbuh pada satu batang. ²³ Setelah itu, tumbuh pula tujuh bulir gandum yang kering, kurus dan layu oleh bahang angin timur. ²⁴ Lalu bulir yang kurus itu menelan ketujuh-tujuh bulir yang baik. Semua ini telah kuceritakan kepada para ahli ilmu ghaib, tetapi tiada seorang pun yang dapat memberitahu ertinya kepadaku.”

²⁵ Maka berkatalah Yusuf kepada Firaun, “Mimpi-mimpi Firaun itu sama. Allah memberitahu Firaun apa yang hendak dilakukan

oleh-Nya. ²⁶ Tujuh ekor lembu yang baik itu ertinya tujuh tahun, dan tujuh bulir gandum yang baik itu pun ertinya tujuh tahun. Jadi, kedua-dua mimpi itu sama. ²⁷ Tujuh ekor lembu kurus dan buruk yang muncul kemudian ertinya tujuh tahun, demikian juga tujuh bulir gandum yang kering, kurus dan layu oleh bahang angin timur itu. Itulah tanda akan berlaku tujuh tahun bencana kebuluran. ²⁸ Inilah maksud dari apa yang hamba sampaikan tadi kepada Firaun, iaitu bahawa Allah telah menyatakan kepada Firaun apa yang hendak dilakukan-Nya. ²⁹ Sesungguhnya, akan datang tujuh tahun kelimpahan besar di seluruh Tanah Mesir, ³⁰ tetapi sesudah itu akan muncul tujuh tahun bencana kebuluran. Segala kelimpahan sebelumnya di Tanah Mesir akan dilupakan, dan bencana kebuluran itu akan memusnahkan negeri ini. ³¹ Kelimpahan yang pernah dialami di negeri ini tidak akan diingat lagi, kerana bencana kebuluran yang datang sesudahnya sangatlah dahsyat. ³² Mimpi itu diulang sampai dua kali untuk Firaun kerana hal itu sudah ditetapkan Allah dan Allah akan melaksanakannya dengan seberapa segera.

³³ Maka sekarang, sebaiknya Firaun mencari seorang yang arif dan bijaksana, dan mengangkatnya untuk mengetuai Tanah Mesir.

³⁴ Selanjutnya hendaklah Firaun melantik para pengawas atas negeri ini untuk mengambil satu perlima bahagian daripada hasil Tanah Mesir dalam tujuh tahun kelimpahan itu. ³⁵ Mereka harus mengumpulkan semua bahan makanan dalam tahun-tahun baik yang akan datang itu dan menyimpan gandum di bawah kekuasaan Firaun sebagai bahan makanan di kota-kota, serta menjaganya. ³⁶ Bahan makanan itu akan menjadi persediaan untuk negeri ini menghadapi tujuh tahun bencana kebuluran yang akan terjadi di Tanah Mesir, supaya negeri ini tidak binasa akibat bencana kebuluran itu kelak.”

Yusuf diangkat menjadi pentadbir di Mesir

³⁷ Usul itu dipandang baik oleh Firaun dan semua pegawainya. ³⁸ Lalu kata Firaun kepada para pegawainya, “Bolehkah kita mencari orang seperti itu, yang dipenuhi kehadiran roh Allah?” ³⁹ Lalu Firaun berkata kepada Yusuf, “Kerana Allah telah menyatakan kepadamu semua hal ini, tentunya tidak ada orang yang sedemikian arif dan bijaksana seperti kamu. ⁴⁰ Kamu akan mengetuai istanaku, dan seluruh rakyatku harus tunduk kepada pentadbiranmu. Hanya takhta ini yang membuat aku lebih besar daripada

kamu.”⁴¹ Kata Firaun lagi kepada Yusuf, “Dengan ini aku mengangkat kamu untuk mentadbir seluruh Tanah Mesir.”⁴² Kemudian Firaun mencabut cincin daripada jari tangannya dan memakaikannya di jari Yusuf. Dipakaikannya pula pakaian daripada kain linen yang halus pada Yusuf, serta dikalungkannya kalung emas di lehernya.⁴³ Dia memerintahkan orang untuk menaikkan Yusuf atas ratanya yang kedua, dan di hadapan Yusuf orang berseru, “Berlutut!” Demikianlah Yusuf diberi kuasa pentadbiran atas seluruh Tanah Mesir.⁴⁴ Firaun berkata kepada Yusuf, “Akulah Firaun, tetapi tanpa keizinanmu tiada seorang pun boleh melakukan sesuatu di seluruh Tanah Mesir.”⁴⁵ Firaun mengurniakan gelaran Zafnat-Paaneah^o kepada Yusuf, serta memberikan kepadanya Asnat, anak gadis Potifera, imam di On, untuk menjadi isterinya. Maka berkuasalah Yusuf atas seluruh Tanah Mesir.

⁴⁶ Yusuf berumur tiga puluh tahun ketika dia menghadap Firaun, raja Mesir. Kemudian Yusuf pergi dari hadapan Firaun dan menjelajah ke seluruh Tanah Mesir.

^o**41:45** Zafnat-Paaneah: Gelaran dalam bahasa Mesir kuno membawa maksud ‘Tuhan telah berfirman dan dia hidup.’

41:42: Dan 5:29.

⁴⁷ Selama tujuh tahun kelimpahan itu, negeri itu mendapat hasil tuaian yang melimpah ruah. ⁴⁸ Yusuf mengumpulkan semua bahan makanan berlebihan dalam tempoh tujuh tahun kelimpahan di Tanah Mesir itu dan menimbunnya di kota-kota. Di setiap kota ditimbunnya bahan makanan, hasil daripada ladang-ladang di sekeliling kota itu. ⁴⁹ Demikianlah Yusuf menyimpan gandum sangat banyak sekali, sebanyak pasir di laut, hingga dia berhenti menghitungnya kerana memang tidak terhitung lagi.

⁵⁰ Sebelum munculnya tahun bencana kebuluran itu Yusuf dikurniai dua orang anak yang dilahirkan oleh Asnat, anak Potifera, imam di On itu. ⁵¹ Yusuf menamai anak sulungnya Manasye, kerana katanya, “Allah telah membuat aku lupa akan segala kesusahanku dan akan seisi rumah ayahku.” ⁵² Anaknyanya yang kedua pula dinamainya Efraim, kerana katanya, “Allah telah mengurniakan anak kepadaku di negeri aku ditimpa kesusahan.”

⁵³ Maka berakhirlah tujuh tahun kelimpahan di Tanah Mesir itu ⁵⁴ dan muncullah tujuh tahun bencana kebuluran, seperti yang telah dikatakan oleh Yusuf. Bencana kebuluran melanda semua

negeri kecuali Tanah Mesir yang tetap ada makanan. ⁵⁵ Ketika kebuluran juga menimpa seluruh penduduk Tanah Mesir, berserulah mereka kepada Firaun meminta makanan. Lalu kata Firaun kepada semua orang Mesir itu, “Pergilah kepada Yusuf. Lakukanlah apa yang dikatakannya kepadamu.” ⁵⁶ Apabila bencana kebuluran itu melanda seluruh muka bumi, Yusuf membuka semua jelapang lalu menjual gandum kepada orang Mesir, kerana hebatnya bencana kebuluran itu di Tanah Mesir. ⁵⁷ Maka warga setiap negeri juga datang ke Mesir untuk membeli gandum daripada Yusuf lantaran begitu hebat kebuluran yang melanda seluruh bumi.

Saudara Yusuf pergi ke Mesir

42 ¹ Yakub mendengar khabar bahawa di Mesir ada gandum. Maka berkatalah Yakub kepada anak-anaknya, “Mengapa kamu berpandangan sesama sendiri sahaja?” ² Katanya lagi, “Aku mendengar bahawa di Mesir ada gandum. Pergilah ke sana dan belilah gandum untuk kita dari sana, supaya kita tetap hidup dan tidak mati.” ³ Maka pergilah sepuluh orang saudara Yusuf ke Mesir untuk membeli gandum. ⁴ Namun begitu, Yakub tidak membenarkan

Benyamin, adik Yusuf, untuk pergi bersama-sama abang-abangnya kerana fikirnya, “Semoga tiada kemalangan menyimpannya.”

⁵ Maka para anak Israel adalah antara orang ramai yang datang untuk membeli gandum, kerana bencana kebuluran melanda Tanah Kanaan dengan teruk. ⁶ Yusuf telah menjadi pembesar di bumi itu dan dialah yang menjual gandum kepada seluruh rakyat negeri itu. Jadi, setibanya para saudara Yusuf di sana, sujudlah mereka kepadanya memberi hormat. ⁷ Ketika Yusuf melihat para saudaranya, dia memang mengenali mereka tetapi dia tetap berpura-pura sebagai seorang yang asing dan berkata-kata kepada mereka dengan kasar. Tanyanya kepada mereka, “Dari manakah kamu datang?”

Jawab mereka, “Dari Tanah Kanaan, hendak membeli bahan makanan.”

⁸ Meskipun Yusuf mengenali para saudaranya, mereka tidak mengenalinya. ⁹ Maka teringatlah Yusuf akan mimpi-mimpinya dahulu tentang mereka. Lalu katanya kepada mereka, “Kamu ini pengintip! Kamu datang untuk melihat-lihat kelemahan negeri ini.”

¹⁰ Jawab mereka kepada Yusuf, “Bukan, tuanku. Hamba-hambamu ini datang untuk membeli

bahan makanan. ¹¹ Kami semua ini anak-anak daripada seorang ayah, dan kami ini orang jujur. Hamba-hambamu ini bukan pengintip.” ¹² Tetapi Yusuf berkata kepada mereka, “Tidak! Kamu datang untuk melihat-lihat kelemahan negeri ini!”

¹³ Jawab mereka, “Hamba-hambamu ini dua belas orang bersaudara, anak-anak daripada seorang ayah yang tinggal di Tanah Kanaan. Adik bongsu kami ada bersama-sama ayah kami sekarang, sedangkan yang seorang lagi sudah tidak ada.”

¹⁴ Kata Yusuf kepada mereka, “Seperti sudah kukatakan kepadamu tadi, kamu ini pengintip!

¹⁵ Demi hidup Firaun, kamu harus diuji demikian: Kamu tidak boleh pergi dari sini kecuali jika adikmu yang bongsu datang ke mari. ¹⁶ Suruhlah seorang daripada kamu pergi menjemput adikmu, sementara yang lain ditahan di sini. Dengan demikian kesahihan kata-katamu dapat diuji. Jika tidak, maka demi hidup Firaun, pastilah kamu ini pengintip!” ¹⁷ Kemudian dia memasukkan mereka ke dalam tahanan selama tiga hari.

¹⁸ Pada hari ketiga berkatalah Yusuf kepada mereka, “Aku orang yang takut kepada Allah. Lakukanlah hal ini, maka kamu akan terus hidup: ¹⁹ Jika kamu memang orang jujur, biarkan

seorang daripada kamu bersaudara tinggal terkurung di rumah tahanan, sementara yang lain pergi membawa gandum untuk keluargamu yang sedang kelaparan. ²⁰ Tetapi kemudian bawalah adikmu yang bongsu itu kepadaku, supaya kata-katamu terbukti benar dan kamu tidak mati.”

Mereka pun menyetujuinya. ²¹ Kata mereka sesama sendiri, “Sesungguhnya, kita menanggung dosa kita terhadap adik kita. Kita lihat betapa menderita hatinya ketika dia memohon belas kasihan kita, tetapi kita tidak mahu mendengarkannya. Itulah sebabnya penderitaan ini menimpa kita pula.”

²² Lalu Ruben menjawab mereka, “Bukankah sudah kukatakan kepada kamu, ‘Jangan berbuat dosa terhadap anak itu’? Tetapi kamu tidak mahu mendengar! Sekarang lihatlah, darahnya dituntut daripada kita.” ²³ Mereka tidak tahu bahawa Yusuf mengerti percakapan mereka, kerana selama itu ada seorang jurubahasa yang bertugas antara mereka. ²⁴ Maka berpalinglah Yusuf daripada mereka lalu menangis. Kemudian dia kembali lagi dan berbicara dengan mereka. Dia mengambil Simeon daripada antara mereka lalu membelenggunya di hadapan mata mereka.

²⁵ Setelah itu, Yusuf memberikan perintah agar karung-karung mereka diisi gandum, dan agar wang mereka dikembalikan ke dalam karung masing-masing. Selain itu, dia pun memberikan perintah agar mereka diberi bekal untuk perjalanan mereka. Maka demikianlah yang dilaksanakan. ²⁶ Mereka memuatkan gandum itu ke atas keldai-keldai mereka lalu pergi dari situ. ²⁷ Ketika seorang daripada mereka membuka karungnya untuk memberikan makan keldainya di tempat bermalam, dilihatnya wangnya di mulut karung itu. ²⁸ Katanya kepada para saudaranya, “Wangku dikembalikan! Lihat, ada di dalam karungku!” Maka cemaslah hati mereka, dan dengan gementar mereka berpandang-pandangan sesama sendiri lalu berkata, “Apa gerangan yang dilakukan Allah terhadap kita?”

²⁹ Sesampainya mereka di tempat Yakub, ayah mereka, di Tanah Kanaan, mereka menceritakan kepadanya segala sesuatu yang terjadi kepada mereka. Kata mereka, ³⁰ “Orang yang berkuasa atas negeri itu berkata-kata dengan kasar terhadap kami. Disangkanya kami orang yang sedang mengintip negeri itu. ³¹ Jawab kami kepadanya, ‘Kami ini orang jujur, bukan pengintip. ³² Kami ini dua belas orang bersaudara, anak-anak daripada seorang ayah. Seorang sudah tidak

ada, dan yang bongsu sekarang bersama-sama ayah kami di Tanah Kanaan.’³³ Tetapi orang yang berkuasa atas negeri itu berkata kepada kami, ‘Melalui hal ini aku akan tahu sama ada kamu orang jujur: tinggalkanlah seorang saudaramu denganku, kemudian ambillah makanan untuk keluargamu yang sedang kelaparan dan pergilah.³⁴ Kemudian bawalah adikmu yang bongsu kepadaku, supaya aku tahu bahawa kamu bukan pengintip melainkan orang jujur. Setelah itu, aku akan mengembalikan saudaramu kepadamu, dan kamu pun boleh berniaga di negeri ini.’ ”

³⁵ Ketika mereka hendak mengosongkan karung mereka, kelihatan kantung wang masing-masing ada di dalam karung. Melihat kantung-kantung wang itu, mereka dan juga ayah mereka menjadi sangat ketakutan.³⁶ Lalu Yakub, ayah mereka, berkata kepada mereka, “Kamu membuat aku kehilangan anak-anakku. Yusuf sudah tidak ada, demikian pula Simeon. Sekarang, Benyamin pun hendak kamu ambil. Akulah yang menanggung semua ini!”

³⁷ Kemudian Ruben berkata kepada ayahnya, “Bunuhlah kedua-dua orang puteraku jika aku tidak membawanya kembali kepada ayah. Serahkanlah dia ke dalam tanganku, maka aku akan membawanya kembali kepada ayah.”

³⁸ Tetapi jawabnya, “Anakku itu tidak boleh pergi bersama-sama kamu, kerana abangnya sudah mati, dan dia sendirilah yang masih hidup. Jika kemalangan menyimpannya dalam perjalanan yang kamu tempuh, maka kamu akan membuat aku yang beruban ini turun ke alam kubur dalam dukacita.”

Saudara Yusuf berkunjung lagi ke Mesir

43 ¹ Begitu hebat bencana kebuluran melanda bumi itu. ² Maka setelah gandum yang dibawa mereka dari Mesir habis dimakan, ayah mereka berkata kepada mereka, “Pergilah lagi dan beli sedikit lagi bahan makanan untuk kita.”

³ Tetapi Yehuda berkata kepadanya, “Orang itu bersungguh-sungguh mengingatkan kami, ‘Kamu tidak boleh melihat mukaku lagi, kecuali ada adikmu bersama-samamu.’ ⁴ Jika ayah mengizinkan adik kami pergi bersama-sama kami, barulah kami akan pergi membeli bahan makanan untuk ayah. ⁵ Tetapi jika ayah tidak mengizinkannya, kami tidak akan pergi, kerana orang itu telah berkata kepada kami, ‘Kamu tidak boleh melihat mukaku lagi, kecuali ada adikmu bersama-samamu.’ ”

⁶ Lalu kata Israel, “Mengapakah kamu menyusahkan aku dengan memberitahu orang itu bahawa kamu masih ada seorang lagi adik?”

⁷ Jawab mereka, “Orang itu bertanya dengan terperinci mengenai kami dan tentang sanak saudara kita. Dia bertanya, ‘Masih hidupkah ayahmu? Masih ada lagikah saudaramu?’ Maka kami menjawab seperti yang kami katakan itu. Bagaimana kami tahu kemudiannya dia akan berkata, ‘Bawalah adikmu ke mari?’”

⁸ Lalu kata Yehuda pula kepada Israel, ayahnya, “Izinkanlah anak itu pergi bersama-samaku. Kami akan segera pergi supaya kita, iaitu kami, ayah dan anak-anak kami, dapat terus hidup dan tidak mati. ⁹ Akulah yang menjamin keselamatannya. Ayah boleh menuntutnya daripada tanganku. Jika aku tidak membawanya kembali kepada ayah dan menyerahkannya kepada ayah, maka seumur hiduplah aku akan menanggung dosa terhadap ayah. ¹⁰ Jika kita tidak berlengah, tentunya sekarang ini pun kami sudah pulang untuk kali kedua.”

¹¹ Lalu berkatalah Israel, ayah mereka, kepada mereka, “Jika memang perlu begitu, lakukanlah sebegini: Bawalah hasil terbaik negeri ini di dalam karung-karung kamu, dan bawalah kepada orang itu persembahan berupa sedikit balsam, sedikit madu, rempah-rempah, damar wangi,

buah pistasio, dan buah badam. ¹² Selain itu, bawalah wang sebanyak dua kali ganda dan wang yang dahulu dikembalikan di mulut karungmu masing-masing haruslah kamu bawa kembali. Mungkin terjadi kekeliruan pada masa itu.

¹³ Bawalah adikmu juga dan segeralah kembali kepada orang itu. ¹⁴ Kiranya Allah Yang Maha Kuasa menganugerahi aku belas kasihan di hadapan orang itu semoga dia melepaskan saudaramu yang lain itu dan juga Benyamin. Bagi diriku, sekiranya aku harus kehilangan anak-anaku, biarlah aku mengalami kehilangan itu.”

¹⁵ Lalu mereka menyiapkan segala barang persembahan itu berserta wang sebanyak dua kali ganda dan bersama-sama Benyamin, pergilah mereka ke Mesir. Sesampainya di sana, berdirilah mereka di hadapan Yusuf. ¹⁶ Ketika Yusuf melihat Benyamin ada bersama-sama mereka, berkatalah dia kepada pengawas rumah tangganya, “Bawalah para lelaki itu ke dalam rumah. Sembelihlah seekor haiwan dan sediakanlah makanan, kerana mereka itu akan makan bersama-samaku pada tengah hari ini.”

¹⁷ Orang itu melaksanakan perintah Yusuf, lalu dia membawa mereka masuk ke rumah Yusuf.

¹⁸ Para saudara itu menjadi ketakutan kerana mereka dibawa masuk ke rumah Yusuf. Kata

mereka, “Kita dibawa masuk atas sebab wang yang dikembalikan ke dalam karung kita dahulu. Dia hendak menuduh kita, menangkap kita, menjadikan kita hamba-hambanya, serta mengambil keldai-keldai kita pula.”¹⁹ Oleh sebab itu mereka mendekati pengawas rumah tangga Yusuf itu dan berbicara dengannya di depan pintu rumah.²⁰ Kata mereka, “Ya tuanku, dahulu memang kami pernah datang untuk membeli bahan makanan.²¹ Pada waktu kami sampai di tempat bermalam dan membuka karung kami, kelihatan sejumlah wang yang telah kami bayar sebelumnya ada di mulut karung. Tetapi sekarang kami membawanya kembali,²² dan kami juga membawa sejumlah wang lain untuk membeli bahan makanan. Kami tidak tahu siapa yang meletakkan wang itu ke dalam karung-karung kami.”

²³ Kata pengawas itu, “Tenanglah, jangan takut! Allahmu dan Allah ayahmu telah mengurniakan kepadamu harta karun di dalam karungmu. Wangmu dahulu telah kuterima.” Kemudian dia mengeluarkan Simeon dan membawanya kepada mereka.

²⁴ Setelah itu, dia membawa mereka masuk ke rumah Yusuf lalu memberi mereka air supaya mereka dapat membasuh kaki. Kemudian dia memberi keldai-keldai mereka makan.²⁵ Mereka

menyiapkan persembahan mereka sambil menantikan kedatangan Yusuf pada tengah hari, kerana mereka mendengar bahawa mereka akan dijamu makan di situ. ²⁶ Sesudah Yusuf pulang ke rumah, mereka pun menyerahkan kepada Yusuf segala persembahan yang dibawa masuk oleh mereka lalu mereka sujud di hadapannya memberi hormat. ²⁷ Yusuf bertanya keadaan mereka, lalu katanya, “Baikkah keadaan ayahmu, orang tua yang kamu ceritakan itu? Masih hidupkah dia?”

²⁸ Jawab mereka, “Hambamu, ayah kami, baik-baik dan masih hidup.” Lalu mereka membongkok dan sujud memberi hormat.

²⁹ Yusuf memandang mereka lalu dilihatnya Benyamin, adiknya, saudara yang seibu dengannya. Tanyanya, “Inikah adikmu yang bongsu, yang kamu ceritakan kepadaku?” Katanya pula, “Kiranya Allah bermurah hati kepadamu, anakku!” ³⁰ Yusuf pun segera beredar mencari tempat untuk menangis kerana hatinya sangat terharu melihat adiknya. Dia memasuki biliknya dan menangis di situ. ³¹ Setelah itu, dia membasuh mukanya dan keluar. Sambil menahan diri dia berkata, “Sajikan makanan.” ³² Makanan pun disajikan, di tempat Yusuf tersendiri, dengan para saudaranya di tempat tersendiri, dan tempat tersendiri juga bagi para warga Mesir yang

makan bersama-sama. Orang Mesir memang tidak boleh makan sehidangan dengan orang Ibrani kerana bagi warga Mesir perkara itu suatu yang keji. ³³ Para saudara Yusuf didudukkan di hadapannya menurut urutan kelahiran mereka, daripada yang sulung sampai yang bongsu. Mereka pun saling berpandang-pandangan dalam kehairanan. ³⁴ Kemudian sebahagian hidangan dari meja Yusuf disajikan di hadapan mereka masing-masing, tetapi bahagian untuk Benyamin disajikan lima kali lebih banyak daripada bahagian untuk semua yang lain. Mereka pun minum dan bersuka ria dengan Yusuf.

Yusuf menguji saudaranya

44 ¹ Setelah itu, Yusuf memberikan perintah kepada pengawas rumah tangganya, katanya, “Isikan bahan makanan ke dalam karung para lelaki itu sebanyak yang dapat dibawa mereka, dan letakkan wang masing-masing di mulut karungnya. ² Selepas itu simpan pialaku, iaitu piala perak itu, berserta dengan wang gandumnya, di mulut karung lelaki yang termuda.” Pengawas itu pun melakukan arahan Yusuf itu. ³ Sebaik sahaja pagi hari, para lelaki itu berserta keldai mereka dilepaskan. ⁴ Belum beberapa jauh mereka keluar dari kota itu, Yusuf

berkata kepada pengawas rumah tangganya, “Cepatlah kejar kumpulan orang itu, dan ketika kamu sudah memintas mereka, katakan kepada mereka, ‘Mengapakah kamu membalas kebaikan dengan kejahatan? ⁵ Bukankah itu piala yang digunakan tuanku untuk minum dan untuk bernujum? Kamu telah melakukan perbuatan jahat!’ ”

⁶ Maka setelah pengawas itu memintas mereka dikatakannyalah kepada mereka sebagaimana kata-kata Yusuf itu tadi. ⁷ Jawab mereka kepadanya, “Mengapa tuanku mengucapkan kata-kata seperti itu? Jangan sekali-kali hamba-hambamu ini melakukan hal semacam itu! ⁸ Malahan wang yang kami temui di mulut karung kami dahulu pun telah kami bawa dari Tanah Kanaan dan kembalikan kepada tuan. Masakan kami mencuri perak atau emas dari rumah majikan tuan? ⁹ Jika ada sesiapa antara hambamu ini didapati menyimpan barang itu, biarlah dia dihukum mati dan biarlah kami menjadi hamba tuanku.”

¹⁰ Jawab orang itu, “Baik, kamu telah mengusul hukumanmu. Sesiapa yang didapati menyimpan barang itu akan menjadi hambaku, tetapi yang lain bebas daripada kesalahan.” ¹¹ Maka mereka dengan segera menurunkan karung masing-masing ke tanah lalu membukanya.

¹² Pengawas itu memeriksa, mulai yang tertua hingga yang termuda. Akhirnya cawan itu ditemukan di dalam karung Benyamin. ¹³ Mereka pun mengoyakkan pakaian mereka. Kemudian masing-masing memuati keldainya, dan kembali semula ke kota.

¹⁴ Maka Yehuda dan para saudaranya masuk ke rumah Yusuf dan mereka mendapati Yusuf masih ada di situ. Lalu sujudlah mereka di hadapannya. ¹⁵ Kata Yusuf kepada mereka, “Perbuatan apakah yang kamu lakukan ini? Tidakkah kamu tahu bahawa orang seperti aku ini benar-benar dapat bernujum?”

¹⁶ Jawab Yehuda, “Apakah yang dapat kami katakan kepada tuanku? Bagaimanakah kami harus berbicara? Bagaimanakah kami dapat membebaskan diri daripada hal ini? Allah telah memperlihatkan kesalahan hamba-hambamu ini. Sekarang, biarlah kami menjadi hamba tuanku, baik kami mahupun dia, yang di dalam karungnya telah ditemukan piala tuan.”

¹⁷ Tetapi jawab Yusuf, “Janganlah aku sekali-kali berbuat demikian! Hanya orang yang didapati membawa piala itu sajalah yang akan menjadi hambaku manakala kamu yang lain, pulanglah dengan sejahtera kepada ayahmu.”

¹⁸ Kemudian Yehuda maju mendekati Yusuf dan berkata, “Ya tuanku, mohon izinkan hambamu

ini menyampaikan sepatah kata kepada tuanku. Janganlah amarah tuanku menyala ke atas hambamu ini, kerana tuanku sama dengan Firaun sendiri. ¹⁹ Dahulu tuanku bertanya kepada hamba-hamba tuanku ini, 'Apakah kamu masih mempunyai ayah atau saudara lagi?' ²⁰ Jawab kami kepada tuanku, 'Kami mempunyai seorang ayah yang sudah tua. Ada juga seorang anaknya yang muda, yang lahir pada masa tuanya. Abangnya sudah meninggal, dan daripada anak-anak ibunya hanya dialah yang tinggal. Oleh itu, ayahnya menyayanginya.' ²¹ Kemudian tuanku berkata kepada hamba-hambamu ini, 'Bawalah dia kepadaku supaya aku dapat melihatnya.' ²² Jawab kami kepada tuanku, 'Anak muda itu tidak dapat meninggalkan ayahnya kerana jika dia berpergian tentu ayahnya akan mati.' ²³ Tetapi tuanku berkata kepada hamba-hambamu ini, 'Jika adikmu yang bongsu itu tidak datang bersama-samamu, maka kamu tidak boleh melihat mukaku lagi.'

²⁴ Jadi, ketika kami pulang kepada hambamu, iaitu ayah hamba, kami menyampaikan kata-kata tuanku kepadanya. ²⁵ Suatu kali ayah kami berkata, 'Kembalilah, belilah sedikit bahan makanan untuk kita.' ²⁶ Tetapi kami berkata kepadanya, 'Kami tidak boleh pergi. Jika adik kami yang bongsu ada bersama-sama kami

barulah kami akan pergi, kerana kami tidak boleh melihat muka orang itu jika adik kami yang bongsu tiada bersama-sama kami.'

²⁷ Lalu hambamu, iaitu ayah hamba, berkata kepada kami, 'Kamu tahu bahawa isteriku telah melahirkan dua orang anak untukku. ²⁸ Seorang sudah pergi meninggalkanku. Fikirku, "Pasti dia telah dikoyak-koyakkan oleh binatang buas," dan sampai sekarang aku memang tidak pernah melihatnya lagi. ²⁹ Jika kamu mengambil anak ini juga daripadaku dan dia ditimpa kemalangan, maka kamu akan membuat aku yang beruban ini turun ke alam kubur dalam keadaan yang amat menyedihkan.'

³⁰ "Maka sekarang, jika hamba datang kepada hambamu, iaitu ayah hamba, dan anak muda ini tidak bersama-sama kami memandangkan ayah hamba itu tidak dapat hidup tanpanya, ³¹ tentunya apabila dilihatnya anak muda ini tidak ada, dia akan mati. Dengan demikian, hamba-hambamu ini akan membuat hambamu, iaitu ayah kami yang beruban itu, turun ke alam kubur dengan penuh dukacita. ³² Akan tetapi, hambamu ini telah menjamin keselamatan anak muda ini di hadapan ayah hamba dengan berkata, 'Jika aku tidak membawanya kembali kepada ayah, biarlah aku menanggung dosa itu terhadap ayah seumur hidup.' ³³ Jadi sekarang,

izinkan hambamu ini tinggal menggantikan anak muda ini untuk menjadi hamba tuanku, dan biarlah anak muda ini pulang dengan para saudaranya. ³⁴ Kerana bagaimana hamba boleh kembali kepada ayah hamba jika anak muda ini tidak bersama-sama hamba? Hamba tidak sanggup melihat ayah hamba menderita lantaran kesedihannya.”

Yusuf berdamai dengan saudaranya

45 ¹ Ketika Yusuf tidak dapat menahan dirinya lagi di hadapan semua orang yang berdiri dekatnya, dia pun berseru, “Arah semua orang keluar meninggalkan aku!” Maka tiada seorang pun ada bersama-samanya ketika dia memperkenalkan dirinya yang sebenarnya kepada para saudaranya. ² Lalu dia menangis dengan suara yang kuat, sehingga terdengar oleh orang Mesir serta seisi istana Firaun. ³ Kata Yusuf kepada para saudaranya, “Akulah Yusuf! Adakah ayah masih hidup?” Tetapi para saudaranya yang terkejut dan gementar di hadapannya tidak dapat menjawabnya. ⁴ Kata Yusuf kepada para saudaranya, “Datanglah lebih dekat kepadaku.” Lalu mereka pun mendekatinya. Kata Yusuf, “Akulah Yusuf, saudaramu, yang kamu jual ke

Mesir. ⁵ Tetapi sekarang, janganlah bersusah hati atau marah kepada dirimu sendiri kerana kamu menjual aku ke mari. Sebabnya Allah menghantar aku untuk mendahului kamu supaya kehidupan dipelihara. ⁶ Selama dua tahun ini bencana kebuluran melanda negeri ini dan masih ada lima tahun lagi tempoh orang tidak akan membajak atau menuai. ⁷ Maka Allah mengirimku mendahului kamu untuk menjamin kelanjutan keturunanmu di bumi dan untuk memelihara hidupmu melalui suatu penyelamatan yang besar. ⁸ Oleh itu, bukanlah kamu yang menyuruh aku ke sini, melainkan Allah. Dia mengangkat aku sebagai bapa bagi Firaun dan yang dipertuan atas seisi istananya, bahkan pemerintah ke atas seluruh Tanah Mesir.

⁹ Segeralah kembali kepada ayah dan katakan kepadanya, ‘Beginilah kata anakmu Yusuf, “Allah telah mengangkat aku untuk menjadi tuan atas seluruh Mesir. Datanglah kepadaku, jangan berlelah lagi! ¹⁰ Ayah akan tinggal di Tanah Gosyen, dekat dengan aku – ayah, anak-anak dan cucu-cucu ayah, segala kawan ternakan ayah, serta segala harta benda ayah. ¹¹ Aku akan mengadakan segala keperluan ayah di sana, kerana tempoh berlakunya kebuluran ini masih

ada lima tahun lagi. Jangan sampai kemiskinan dan ketandusan menimpa ayah dan seluruh keluarga ayah serta segala harta benda ayah.” ’

¹² “Sesungguhnya, matamu sendiri dan mata Benyamin, adikku, melihat sendiri bahwa mulut akulah yang mengatakan hal ini kepadamu.

¹³ Oleh sebab itu beritahulah ayah tentang segala kemuliaanku di Mesir dan segala sesuatu yang telah kamu lihat, dan bersegeralah membawa ayah ke mari.”

¹⁴ Kemudian Yusuf memeluk leher Benyamin, adiknya, dan menangis. Benyamin pun menangis di bahu dan lehernya. ¹⁵ Yusuf mencium kesemua saudaranya dan menangis dalam pelukan mereka. Setelah itu, barulah para saudaranya bercakap dengannya.

¹⁶ Ketika hal kedatangan para saudara Yusuf dikhabarkan di istana Firaun, perkara itu disambut dengan baik oleh Firaun dan para pegawainya. ¹⁷ Kata Firaun kepada Yusuf, “Katakanlah kepada para saudaramu, ‘Lakukanlah hal ini: Siapkan muatan haiwan pengangkut bebanmu dan berangkatlah pulang ke Tanah Kanaan. ¹⁸ Jemputlah ayahmu serta keluargamu dan datanglah kepadaku. Aku akan memberikan kepadamu tanah yang terbaik di Tanah Mesir, dan kamu akan menikmati kesuburan negeri ini.’ ¹⁹ Kamu juga kuperintahkan untuk mengatakan

demikian kepada mereka, ‘Lakukanlah hal ini: Bawalah beberapa buah gerabak^P dari Tanah Mesir untuk para anakmu dan para isterimu. Jemputlah ayahmu dan datanglah ke mari. ²⁰ Jangan berasa sayang meninggalkan barang-barangmu, kerana apa yang terbaik di seluruh Tanah Mesir pun akan menjadi milikmu.’”

²¹ Maka para anak Israel pun berbuat demikian. Yusuf memberikan kepada mereka beberapa buah gerabak sebagaimana yang diperintahkan oleh Firaun, serta bekal untuk kegunaan dalam perjalanan. ²² Selain itu, dia memberikan sepasang persalinan untuk masing-masing, tetapi Benyamin diberinya tiga ratus keping wang perak dan lima pasang persalinan. ²³ Untuk ayahnya pula dikirimnya sepuluh ekor keldai jantan yang memuat barang-barang terbaik dari Mesir serta sepuluh ekor keldai betina yang memuat gandum, roti, dan makanan untuk ayahnya selama dalam perjalanannya kelak. ²⁴ Kemudian Yusuf melepaskan pemergian para saudaranya. Ketika mereka berangkat, berpesanlah dia kepada mereka, “Semoga jangan ada perkelahian sesama sendiri sewaktu dalam perjalanan!”

^P**45:19** Atau: Gerbong.

²⁵ Maka pergilah mereka dari Mesir lalu sampai di Tanah Kanaan, tempat Yakub, ayah mereka.

²⁶ Mereka memberitahunya, “Yusuf masih hidup! Bahkan dialah yang menjadi pemerintah ke atas seluruh Tanah Mesir!” Hati Yakub tetap dingin kerana dia tidak mempercayai mereka.

²⁷ Namun demikian, ketika mereka menyampaikan kepadanya semua yang diucapkan Yusuf kepada mereka, dan setelah dilihatnya gerabak yang dikirim oleh Yusuf untuk menjemputnya, barulah bangkit semula semangat Yakub, ayah mereka itu. ²⁸ Maka berkatalah Israel, “Cukuplah sudah! Anakku Yusuf masih hidup! Aku hendak pergi melihat dia sebelum aku mati.”

Keluarga Yakub berpindah ke Mesir

46 ¹ Maka berangkatlah Israel dengan membawa segala harta bendanya. Setibanya di Bersyeba, dia mempersembahkan korban sembelihan kepada Allah Ishak ayahnya.

² Lalu Allah berfirman kepada Israel dalam penglihatan pada malam hari, “Yakub, Yakub.” Jawabnya, “Ya, aku ada di sini.”

³ Firman-Nya, “Akulah Allah, Allah ayahmu. Jangan takut untuk pergi ke Mesir, kerana Aku akan menjadikan kamu sebuah bangsa yang besar di sana. ⁴ Aku akan menyertai kamu ke

Mesir, dan Aku juga akan pasti membawa kamu kembali. Tangan Yusuf lah yang akan menutupkan kelopak matamu.”

⁵ Kemudian berangkatlah Yakub dari Bersyeba, dan anak-anak Israel membawa Yakub, ayah mereka, juga anak dan isteri masing-masing dengan gerabak yang dikirimkan oleh Firaun untuk menjemput mereka. ⁶ Selain itu, mereka juga membawa ternakan dan harta benda yang diperoleh mereka di Tanah Kanaan. Lalu tibalah Yakub di Mesir bersama-sama seluruh keturunannya, ⁷ iaitu kesemua anak cucunya, baik lelaki mahupun perempuan. Seluruh keturunannya dibawanya serta ke Mesir.

⁸ Inilah nama bani Israel yang datang ke Mesir, iaitu Yakub dan keturunannya. Anak Yakub yang sulung, Ruben. ⁹ Para anak Ruben ialah Henokh, Palu, Hezron, dan Karmi. ¹⁰ Para anak Simeon ialah Yemuel, Yamin, Ohad, Yakhin, Zohar, dan Saul, anak seorang perempuan Kanaan. ¹¹ Para anak Lewi ialah Gerson, Kehat, dan Merari. ¹² Para anak Yehuda ialah Er, Onan, Syela, Peres, dan Zerah. Tetapi Er dan Onan sudah mati di Tanah Kanaan. Para anak Peres ialah Hezron dan Hamul. ¹³ Para anak Isakhar ialah Tola, Pua, Ayub, dan Simron. ¹⁴ Para anak Zebulon ialah

Sered, Elon, dan Yahleel. ¹⁵ Mereka ini ialah keturunan Lea, yang melahirkan anak untuk Yakub di Padan-Aram, di samping Dina, anak perempuannya. Jadi, seluruh keturunan Yakub daripada Lea, sama ada lelaki atau perempuan, berjumlah tiga puluh tiga orang.

¹⁶ Para anak Gad ialah Zifyon, Hagi, Syuni, Ezbon, Eri, Arodi, dan Areli. ¹⁷ Para anak Asyer ialah Yimna, Yiswa, Yiswi, Beria, serta Serah, saudara perempuan mereka. Para anak Beria ialah Heber dan Malkiel. ¹⁸ Mereka ini ialah keturunan Zilpa, hamba perempuan yang diberikan Laban kepada Lea, anaknya. Jadi, seluruh keturunan Yakub yang berasal daripada Zilpa itu berjumlah enam belas orang.

¹⁹ Para anak Rahel, isteri Yakub ialah Yusuf dan Benyamin. ²⁰ Manakala para anak Yusuf ialah Manasye dan Efraim, yang dilahirkan di Mesir oleh Asnat anak Potifera, imam di On. ²¹ Para anak Benyamin ialah Bela, Bekher, Asybel, Gera, Naaman, Ehi, Ros, Mupim, Hupim, dan Ared. ²² Mereka ini ialah keturunan Yakub daripada Rahel yang berjumlah empat belas orang.

²³ Anak Dan ialah Husim ²⁴ Para anak Naftali ialah Yahzeel, Guni, Yezer, dan Syilem. ²⁵ Mereka itu ialah keturunan Bilha, hamba perempuan

yang diberikan Laban kepada Rahel, anaknya. Jadi, seluruh keturunan Yakub yang berasal daripada Bilha berjumlah tujuh orang.

²⁶ Jumlah orang yang datang ke Mesir bersama-sama Yakub, iaitu keturunannya, belum termasuk isteri masing-masing, ialah enam puluh enam orang. ²⁷ Jika diambil kira dua orang anak Yusuf yang dilahirkan untuknya di Mesir maka seluruh keluarga Yakub yang ada di Mesir pada masa itu berjumlah tujuh puluh orang.

Pertemuan semula Yakub dengan Yusuf

²⁸ Yakub menyuruh Yehuda untuk mendahuluinya bagi menemui Yusuf dan menunjukkan arah menuju Gosyen. Setelah mereka sampai di Tanah Gosyen, ²⁹ Yusuf menyediakan ratanya lalu pergi untuk menemui Israel, ayahnya, di Gosyen. Sebaik sahaja bertemu, Yusuf memeluk leher ayahnya dan menangis lama di bahunya. ³⁰ Kata Israel kepada Yusuf, “Sekarang biarlah aku mati, kerana aku telah melihat wajahmu dan tahu bahawa kamu masih hidup.”

³¹ Lalu Yusuf berkata kepada para saudaranya dan kepada keluarga ayahnya, “Aku akan pergi memberitahu Firaun, ‘Saudara-saudara hamba

dan keluarga ayah hamba, yang tinggal di Tanah Kanaan, sudah datang kepada hamba. ³² Mereka itu gembala dan memang biasa memelihara kawanan ternakan dan mereka membawa bersama-sama mereka kesemua kawanan domba, lembu, dan kesemua harta benda mereka.’ ³³ Jadi, apabila Firaun memanggil kamu dan bertanya, ‘Apakah pekerjaanmu?’ ³⁴ Jawablah, ‘Sejak kecil bahkan sampai sekarang hamba-hambamu ini memelihara ternakan, sebagaimana juga para nenek moyang kami.’ Dengan demikian, kamu dapat tinggal di Tanah Gosyen kerana warga Mesir memandang keji terhadap semua gembala ternakan.”

Keluarga Yakub menetap di Gosyen

47 ¹ Kemudian Yusuf pergi memberitahu Firaun, katanya, “Ayah hamba dan para saudara hamba berserta kawanan domba, kawanan lembu, dan segala harta benda mereka sudah tiba dari Tanah Kanaan. Mereka kini berada di Tanah Gosyen.” ² Yusuf membawa lima orang daripada para saudaranya untuk menghadap Firaun. ³ Bertanyalah Firaun kepada para saudara Yusuf itu, “Apakah pekerjaanmu?” Jawab mereka kepada Firaun, “Hamba-hambamu ini gembala ternakan, seperti nenek moyang kami.” ⁴ Kata mereka pula kepada

Firaun, “Kami datang untuk tinggal di negeri ini sebagai pendatang, kerana bencana kebuluran di Tanah Kanaan itu begitu hebat sehingga tidak ada lagi padang rumput bagi kawanan domba hamba-hambamu ini. Sekarang, izinkanlah hamba-hambamu ini tinggal di Tanah Gosyen.”

⁵ Lalu kata Firaun kepada Yusuf, “Ayahmu dan para saudaramu sudah datang. ⁶ Tanah Mesir ini terbuka untukmu. Sediakanlah bagi ayahmu dan para saudaramu tempat menetap di daerah yang terbaik di negeri ini. Biarlah mereka tinggal di Tanah Gosyen. Selain itu, jika kamu tahu ada antara mereka yang berkebolehan, angkatlah mereka untuk menjadi pengawas ternakanku.”

⁷ Kemudian Yusuf membawa Yakub, ayahnya, masuk menghadap Firaun, lalu Yakub mendoakan keberkatan bagi Firaun. ⁸ Firaun bertanya kepada Yakub, “Berapakah umur kamu?”

⁹ Jawab Yakub kepada Firaun, “Umur hamba sebagai pendatang di dunia ini sudah seratus tiga puluh tahun. Tempoh usia hamba singkat dan susah, tidak seperti tempoh kehidupan nenek moyang hamba ketika mereka menjadi pendatang di dunia ini.” ¹⁰ Setelah itu, Yakub mendoakan keberkatan bagi Firaun lalu beredar dari situ di hadapan Firaun. ¹¹ Yusuf menyediakan tempat menetap bagi ayahnya dan para saudaranya. Dia memberikan kepada mereka

tanah di daerah yang terbaik di Mesir, yaitu di Tanah Rameses, menurut perintah Firaun. ¹² Yusuf juga menyediakan keperluan makan secukupnya bagi ayahnya, para saudaranya, dan seisi rumah ayahnya, menurut bilangan anak-pinak masing-masing.

Yusuf menangani bencana kebuluran

¹³ Sampailah masanya tidak ada lagi makanan di seluruh negeri itu kerana begitu hebatnya bencana kebuluran yang melanda. Tanah Mesir dan Tanah Kanaan menderita bahana bencana kebuluran itu. ¹⁴ Yusuf mengumpulkan kesemua wang yang ada di Tanah Mesir serta Tanah Kanaan, iaitu wang yang dibayar orang untuk membeli gandum, lalu dibawanya wang itu ke istana Firaun. ¹⁵ Setelah habis wang di Tanah Mesir serta Tanah Kanaan, datanglah semua warga Mesir kepada Yusuf dan berkata, “Berilah kami makanan. Haruskah kami mati di hadapan tuan? Wang kami sudah habis!”

¹⁶ Jawab Yusuf, “Jika wangmu habis, serahkanlah ternakanmu, maka aku akan memberikan kepadamu makanan sebagai ganti ternakanmu.” ¹⁷ Lalu mereka membawa ternakan mereka kepada Yusuf, dan Yusuf memberikan kepada mereka makanan sebagai ganti kuda, domba, lembu, serta keldai mereka. Pada tahun

itu Yusuf menampung keperluan makanan mereka dengan bayaran berupa kesemua haiwan ternakan mereka.

¹⁸ Apabila tahun itu berakhir, mereka datang lagi kepada Yusuf pada tahun seterusnya lalu berkata, “Tidak dapat kami sembunyikan daripada tuanku bahawa wang kami sudah habis dan bahawa haiwan ternakan kami sudah menjadi milik tuanku. Tiada baki apa-apa lagi di hadapan tuanku selain badan kami dan tanah kami. ¹⁹ Haruskah kami dan juga tanah kami mati di hadapan mata tuan? Belilah diri kami juga tanah kami sebagai ganti makanan. Biarlah kami dan tanah kami menjadi hamba Firaun. Berikanlah benih supaya kami hidup dan tidak mati, dan supaya tanah tidak menjadi tandus.”

²⁰ Oleh sebab warga Mesir menjual ladang akibat hebat sekali bencana kebuluran yang menimpa mereka, Yusuf membeli kesemua tanah di Mesir untuk Firaun lantas negeri itu menjadi milik Firaun. ²¹ Setelah itu, Yusuf memindahkan rakyat ke kota-kota di Mesir, dari satu hujung negeri hingga ke hujung yang lain. ²² Namun begitu, dia tidak membeli tanah para imam kerana para imam mempunyai peruntukan yang tetap daripada Firaun, dan mereka makan daripada peruntukan tetap yang diberikan oleh Firaun kepada mereka itu. Sebab itulah mereka

tidak menjual tanah mereka. ²³ Berkatalah Yusuf kepada rakyat, “Pada hari ini aku telah membeli dirimu dan tanahmu untuk Firaun. Inilah benih untuk kamu mengusahakan tanah itu. ²⁴ Pada waktu menuai kelak, hendaklah kamu menyerahkan seperlima bahagian kepada Firaun, dan baki empat bahagiannya menjadi milikmu. Gunakannya untuk benih ladangmu, untuk makanan kamu dan seisi rumahmu, serta para anakmu.”

²⁵ Jawab mereka, “Tuan sudah menyelamatkan hidup kami! Asal tuan berkenan, kami mahu menjadi hamba Firaun.” ²⁶ Maka Yusuf membuat ketetapan perihal tanah di Mesir yang masih berkuat kuasa sehingga kini, iaitu bahawa seperlima bahagian daripada hasil tanah menjadi milik Firaun. Hanya tanah para imamlah yang tidak menjadi milik Firaun.

²⁷ Maka tinggalah Israel di Tanah Mesir, iaitu di Tanah Gosyen tempat mereka memiliki tanah. Mereka beranak cucu dan bilangan mereka menjadi sangat banyak. ²⁸ Yakub tinggal selama tujuh belas tahun di Tanah Mesir dan dengan itu jumlah usianya mencapai seratus empat puluh tujuh tahun. ²⁹ Ketika hari kematian Israel hampir tiba, dia memanggil anaknya, Yusuf,

dan berkata kepadanya, “Jika kamu berkenan, letakkanlah tanganmu di bawah pahaku dan berjanjilah bahawa kamu akan menunjukkan kasih dan kesetiaan kepadaku. Kumohon jangan makamkan aku di Mesir. ³⁰ Setelah aku beristirahat bersama-sama nenek moyangku, bawalah jenazahku dari Mesir lalu makamkanlah di dalam makam mereka.”

Jawab Yusuf, “Akan kulaksanakan pesan ayah itu.”

³¹ Kata Yakub, “Bersumpahlah kepadaku.” Lalu Yusuf pun bersumpah kepadanya. Setelah itu, Israel bersujud di bahagian kepala tempat tidurnya.

Yakub memberkati Manasye dan Efraim

48 ¹ Maka setelah berlakunya pelbagai peristiwa itu ada orang memberitahu Yusuf, “Ketahuilah, ayah tuan sedang sakit.” Lalu Yusuf pergi kepadanya dengan membawa bersama-sama kedua-dua anaknya, Manasye dan Efraim. ² Apabila Yakub diberitahu, “Anakmu Yusuf datang mengunjungimu,” Israel mengerahkan seluruh tenaganya untuk duduk di tempat tidurnya. ³ Berkatalah Yakub kepada Yusuf, “Allah Yang Maha Kuasa pernah

menampakkan diri kepadaku di Lus, di Tanah Kanaan. Allah memberkati aku ⁴ dan berfirman kepadaku, ‘Sesungguhnya, Aku akan membuat kamu beranak cucu dan melipatgandakan keturunanmu. Aku akan menjadikan kamu satu golongan bangsa, dan Aku akan mengurniakan negeri ini kepada keturunanmu kelak sebagai milik mereka yang kekal.’

⁵ Maka sekarang, kedua-dua anakmu yang dilahirkan di Tanah Mesir sebelum aku datang kepadamu di Mesir, menjadi milikku. Sebagaimana Ruben dan Simeon ialah milikku, Efraim dan Manasye juga akan menjadi milikku.

⁶ Tetapi para anakmu yang lahir selepas mereka berdua ini, mereka ialah milikmu. Dalam hal warisan pusaka, mereka akan disebut berdasarkan nama kedua-dua abang mereka.

⁷ Ketika aku dalam perjalanan dari Padan-Aram, aku kesedihan atas kematian Rahel di Tanah Kanaan, tidak beberapa jauh jaraknya dari Efrata. Lalu aku memakamkan dia di sana, di sisi jalan menuju Efrata (iaitu Betlehem).”

⁸ Apabila Israel melihat anak Yusuf, dia bertanya, “Siapakah mereka ini?”

⁹ Jawab Yusuf kepada ayahnya, “Inilah anakku, yang dikurniakan Allah kepadaku di sini.” Kata

Yakub, “Bawalah mereka dekat denganku, supaya aku dapat mendoakan keberkatan bagi mereka.”

¹⁰ Ketika itu, atas sebab usianya yang lanjut, penglihatan kedua-dua belah mata Israel sudah kabur. Jadi, dia tidak dapat melihat dengan jelas.

Yusuf mendekatkan mereka kepada Yakub, lalu Yakub mencium serta memeluk mereka. ¹¹ Kata Israel kepada Yusuf, “Aku tidak menyangka aku akan melihat wajahmu lagi, tetapi kini Allah malah mengizinkan aku melihat keturunanmu.”

¹² Yusuf menarik mereka dari celah lutut Yakub, lalu dia bersujud memberi hormat.

¹³ Lalu Yusuf memegang kedua-duanya. Efraim dipegang dengan tangan kanannya di sebelah kiri Israel, dan Manasye dipegang dengan tangan kirinya di sebelah kanan Israel. Lalu dia mendekatkan mereka dengan Yakub. ¹⁴ Tetapi Israel menghulurkan tangan kanannya dan meletakkannya di atas kepala Efraim, anak yang bongsu, dan tangan kirinya di atas kepala Manasye. Dia sengaja menyilangkan tangannya meskipun Manasye anak yang sulung. ¹⁵ Lalu dia mendoakan keberkatan bagi Yusuf, katanya,

“Semoga Allah, yang di hadirat-Nya para bapa pendahuluku,

Abraham dan Ishak, menjalani hidup mereka, Allah yang telah menjadi gembalaku sepanjang hidupku sampai hari ini,

¹⁶ Malaikat yang telah menebus aku daripada segala yang jahat, memberkati para anak muda ini.

Semoga namaku dan nama para bapa pendahuluku,

Abraham dan Ishak,

disebut-sebut oleh mereka.

Semoga mereka bertambah ramai di bumi ini.”

¹⁷ Yusuf yang terlihat bahawa ayahnya meletakkan tangan kanannya di atas kepala Efraim, menganggap hal itu tidak baik.

Lalu dia memegang tangan ayahnya untuk memindahkannya dari atas kepala Efraim ke atas kepala Manasye. ¹⁸ Kata Yusuf kepada ayahnya, “Janganlah begitu, ayah, kerana Manasye inilah yang sulung. Letakkanlah tangan kanan ayah ke atas kepalanya.”

¹⁹ Tetapi ayahnya menolak dan berkata, “Aku tahu, anakku, aku tahu. Dia juga akan kelak menjadi sebuah bangsa, dan dia juga akan menjadi besar. Meskipun begitu, adiknya akan menjadi lebih besar daripadanya dan keturunannya akan menjadi segolongan bangsa.”

²⁰ Lalu dia mendoakan keberkatan bagi mereka pada hari itu juga, katanya, “Dengan menyebut namamulah orang Israel akan saling

memohonkan berkat, sedemikian, ‘Semoga Allah menjadikan kamu seperti Efraim dan seperti Manasye!’ ” Demikianlah Yakub menempatkan Efraim lebih dahulu daripada Manasye.

²¹ Kemudian Israel berkata kepada Yusuf, “Ketahuilah, ajalku hampir tiba, tetapi Allah akan menyertai kamu dan membawa kamu kembali ke negeri nenek moyangmu. ²² Untukmu kuberikan satu bahagian lebih besar daripada bahagian para saudaramu, iaitu lereng gunung yang telah kurebut daripada tangan bani Amori dengan pedangku dan panahku.”

Kata-kata terakhir Yakub kepada anak-anaknya

49 ¹ Maka Yakub memanggil anak-anaknya dan berkata,

“Berkumpullah kamu, aku akan memberitahu kepadamu
apa yang akan terjadi kepada kamu pada
kemudian hari.

² Berkumpullah dan dengarlah,
hai para anak Yakub,
dengarlah pesan Israel, ayahmu.

³ Ruben, kamulah anakku yang sulung,
kekuatanku dan permulaan keperkasaanku,
terunggul dalam keluhuran,
terunggul dalam kegagahan.

⁴ Kamu, yang meluap seperti air,

tidak lagi menjadi yang terunggul,
kerana kamu telah menaiki peraduan
ayahmu,
kemudian menodainya.

Dia telah menaiki tempat tidurku!

⁵ Simeon dan Lewi, adik beradik,
pedang mereka senjata kekerasan.

⁶ Jangan ikut dalam permuafakatan mereka,
wahai jiwaku,

jangan bersekutu dengan perkumpulan
mereka, wahai batinku,

kerana dalam amarah mereka membunuh
orang,

dan dalam angkara mereka melumpuhkan
lembu-lembu jantan.

⁷ Terkutuklah kemarahan mereka yang sebegitu
bengis,

terkutuklah keberangan mereka yang
sebegitu ganas.

Aku akan membahagi-bahagikan mereka antara
anak Yakub,

dan menyebarkan mereka antara anak Israel.

⁸ Yehuda, kamu akan dipuji oleh para
saudaramu.

Tanganmu akan mencengkam tengkuk para
musuhmu,

dan para anak ayahmu akan tunduk
kepadamu.

⁹ Yehuda, kamu laksana seekor anak singa.
Kamu naik meninggalkan mangsa, hai
anakku.

Dia merunduk, mendekam seperti singa jantan
atau singa betina;
siapakah yang berani merangsangkannya?

¹⁰ Cokmar kuasa tidak akan berpindah daripada
Yehuda,
mahupun tongkat kerajaan daripada di
antara kakinya,
hingga datang dia yang berhak atasnya;
kepadanyalah bangsa-bangsa akan tunduk.

¹¹ Dia menambatkan anak keldainya pada
pokok anggur,
dan keldai jantan mudanya pada pokok
anggur pilihan.

Dia membasuh pakaiannya dengan air anggur,
dan jubahnya dengan cairan buah anggur.

¹² Merahlah matanya kerana air anggur,
dan putihlah giginya kerana susu.

¹³ Zebulon akan mendiami kawasan di tepi laut
dan akan menjadi pelabuhan bagi
kapal-kapal,
dan perbatasannya akan sampai ke Sidon.

¹⁴ Isakhar bagai seekor keldai yang tegap,
merunduk di antara dua kantung pelana.

¹⁵ Apabila dia terlihat tempat rehat yang baik dan sebuah negeri yang menyenangkan, dia akan membongkokkan bahunya untuk memikul beban lalu menjadi buruh paksa.

¹⁶ Dan akan mengadili bangsanya sebagai salah satu suku orang Israel.

¹⁷ Semoga Dan menjadi seperti ular di tepi jalan, seperti ular bertanduk di sisi lorong yang memagut tumit kuda, sehingga penunggangnya jatuh tertelentang.

¹⁸ Aku menantikan pembebasan daripada-Mu, ya Tuhan.

¹⁹ Gad akan diserang oleh gerombolan penjahar, tetapi dia akan menyerang tumit mereka.

²⁰ Asyer, makanannya mewah dan berlimpah ruah, dia akan menyajikan santapan nikmat kepada para raja.

²¹ Naftali bagaikan seekor rusa betina yang terlepas; indah-indah ucapan yang dikeluarkannya.^q

²² Yusuf bagai cabang yang sarat berbuah, cabang sarat berbuah dekat mata air

^q**49:21** Atau: Ia melahirkan anak rusa yang cantik.

yang ranting-rantingnya berjulai melintasi tembok.

²³ Para pemanah memberikan kesusahan kepadanya, memanahnya, dan menganiayainya.

²⁴ Namun demikian, busurnya terus tegap bertahan, dan lengan kedua-dua belah tangannya tetap mahir membidik,

dengan tangan Yang Maha Perkasa, Allah Yakub,

kerana Sang Gembala, Batu Pejal Israel,

²⁵ kerana Allah ayahmu, yang akan menolong kamu,

dan kerana Yang Maha Kuasa, yang akan memberkatimu

dengan berkat daripada langit di atas,

dengan berkat daripada samudera yang terhampar di bawah,

dengan berkat daripada payudara dan rahim.

²⁶ Berkat ayahmu melebihi berkat nenek moyangku,

mengatasi batas bukit-bukit yang malar hidup.

Kesemuanya akan turun ke atas^r kepala Yusuf,

^r49:26 Atau: Kesemuanya mengurapi kepala Yusuf.

ke atas ubun-ubun orang yang teristimewa antara saudaranya.

²⁷ Benyamin bagai seekor serigala yang rakus, pada pagi hari dia memakan mangsanya, dan pada petang hari dia membahagi-bahagikan hasil penjarahannya.”

Yakub meninggal dan dimakamkan

²⁸ Itulah kesemua suku Israel, jumlahnya dua belas, dan itulah yang dikatakan ayah mereka kepada mereka ketika dia mendoakan keberkatan bagi mereka, iaitu berkat yang khusus dan sewajarnya bagi setiap orang.

²⁹ Setelah itu berpesanlah Yakub kepada mereka, “Tidak lama lagi aku akan dikumpulkan bersama-sama kaum leluhurku. Makamkanlah aku di sisi nenek moyangku di dalam gua di ladang Efron, bani Het itu, ³⁰ iaitu gua di ladang Makhpela, sebelah timur Mamre, di Tanah Kanaan. Gua itu dibeli oleh Abraham sekali gus dengan ladangnya daripada Efron, bani Het, untuk dijadikan permakaman khusus miliknya.

³¹ Di sanalah Abraham dan Sarah, isterinya dimakamkan, demikian pula Ishak dan Ribka isterinya. Di sana jugalah aku memakamkan Lea. ³² Ladang dan gua yang ada di dalamnya

sudah dibeli daripada bani Het.”³³ Setelah Yakub selesai berpesan kepada anak-anaknya, dia pun menarik kedua-dua belah kakinya ke atas tempat tidur. Kemudian dia menghembuskan nafasnya yang terakhir lalu terkumpullah dia bersama-sama para leluhurnya.

50¹ Kemudian Yusuf mendakap kepala ayahnya lalu menangisinya dan menciuminya.² Yusuf memerintahkan para tabib bawah perkhidmatannya untuk mengawet dan mengabadikan jenazah ayahnya. Maka para tabib itu pun mengawet dan mengabadikan jenazah Israel iaitu Yakub.³ Mereka menyempurnakan pengawetan jenazah itu dalam masa sepenuhnya untuk pengawetan iaitu selama empat puluh hari. Lalu warga Mesir berkabung selama tujuh puluh hari.

⁴ Setelah berakhir tempoh perkabungan, berkatalah Yusuf kepada seisi istana Firaun, “Jika kamu semua berkenan menolongku, tolong sampaikan kepada Firaun demikian,⁵ ‘Ayah hamba telah menyuruh hamba bersumpah, katanya, “Sesungguhnya, ajalku hampir tiba. Kamu harus memakamkan aku di dalam makam yang kugali sendiri di Tanah Kanaan.” Maka

sekarang izinkanlah hamba pergi memakamkan ayah hamba, selepas itu hamba akan kembali.' ”

⁶ Kata Firaun, “Pergilah, makamkanlah ayahmu menurut apa yang disuruhnya kamu bersumpah.”

⁷ Maka pergilah Yusuf untuk memakamkan ayahnya. Seluruh pegawai Firaun pergi menyertainya, iaitu para pegawai kanan istana Firaun dan semua golongan ketua di Tanah Mesir, ⁸ dan begitu jugalah seisi rumah Yusuf, para saudaranya, dan anggota keluarga ayahnya. Yang ditinggalkan mereka di Tanah Gosyen hanyalah kalangan kanak-kanak kecil serta semua kawanan ternakan mereka. ⁹ Pasukan rata serta pasukan berkuda juga pergi bersama-sama sehingga tersangat besarlah rombongan itu.

¹⁰ Apabila mereka tiba di tempat pembantingan Atad, yang terletak di seberang Sungai Yordan, merataplah mereka dengan suara yang kuat lagi memilukan. Lalu Yusuf menetapkan tujuh hari perkabungan untuk ayahnya. ¹¹ Apabila penduduk negeri itu, iaitu bani Kanaan melihat perkabungan di tempat pembantingan Atad itu, berkatalah mereka, “Ini perkabungan yang besar bagi orang Mesir.” Itulah sebabnya tempat di seberang Yordan itu dinamai Abel-Mizraim.

¹² Para anak Yakub melaksanakan apa yang dipesan oleh Yakub kepada mereka. ¹³ Mereka mengangkat jenazahnya ke Tanah Kanaan lalu memakamkannya di dalam gua di ladang Makhpela, di sebelah timur Mamre, yang sekali gus dengan ladangnya dibeli oleh Abraham daripada bani Het iaitu Efron, untuk dijadikan pemakaman persendirian keluarganya. ¹⁴ Setelah ayahnya dimakamkan, pulanglah Yusuf ke Mesir bersama-sama para saudaranya dan kesemua orang yang turut serta dalam upacara pemakaman ayahnya.

Yusuf menenteramkan hati saudaranya

¹⁵ Saudara-saudara Yusuf sedar bahawa ayah mereka telah meninggal.⁵ Lalu berkatalah mereka, “Mungkin Yusuf berdendam terhadap kita dan akan membalas sepenuhnya semua kejahatan yang kita lakukan terhadapnya.”

¹⁶ Maka mereka menyuruh orang menemui Yusuf dengan pesan, “Sebelum ayah tuan meninggal, dia berpesan, ¹⁷ ‘Beginilah harus kamu katakan kepada Yusuf: Ampunilah segala kesalahan dan dosa para saudaramu yang pernah berbuat

⁵**50:15** Atau: Kematian ayah mereka membuat para saudara Yusuf memikirkan nasib mereka.

50:13: Kis 7:16.

jahat terhadapmu.' Jadi, sekarang ampunkanlah kesalahan hamba-hamba Allah ayahmu." Ketika Yusuf mendengar pesan itu, dia pun menangis.

¹⁸ Kemudian datanglah para saudaranya lalu mereka sujud memberi hormat di hadapannya. Kata mereka, "Kami datang untuk menjadi hamba tuan."

¹⁹ Tetapi kata Yusuf kepada mereka, "Jangan takut. Adakah diri aku ini Allah? ²⁰ Memang dahulu kamu berniat melakukan kejahatan kepadaku, tetapi Allah memaksudkan perbuatan kamu untuk tujuan yang baik sehingga wujud apa yang terjadi sehingga hari ini, iaitu dengan terpeliharanya kelangsungan hidup ramai manusia. ²¹ Jadi, janganlah takut, aku akan menyediakan dan memenuhi keperluan hidupmu dan para anakmu." Demikianlah Yusuf menenangkan hati mereka dengan kebaikan kata-katanya.

Yusuf meninggal

²² Yusuf terus tinggal di Mesir berserta kaum keluarganya. Dia hidup selama seratus sepuluh tahun. ²³ Yusuf masih melihat keturunan ketiga daripada Efraim, bahkan para anak Makhir anak Manasye sempat diletakkan di pangkuan Yusuf. ²⁴ Maka berkatalah Yusuf kepada para saudaranya, "Ajalku hampir tiba, tetapi Allah

pasti akan mendatangi kamu dan membawa kamu keluar dari negeri ini ke negeri yang dijanjikan-Nya dengan bersumpah kepada Abraham, Ishak, dan Yakub.”²⁵ Kemudian Yusuf menyuruh orang Israel bersumpah, “Allah pasti akan mendatangi kamu. Pada waktu itu, kamu harus membawa tulang-tulangku dari sini.”²⁶ Lalu wafatlah Yusuf ketika berusia seratus sepuluh tahun. Jenazahnya diawetkan dan ditempatkan dalam sebuah keranda di Mesir.

KELUARAN

Orang Israel tertindas di Mesir

1 ¹ Para anak Israel, iaitu Yakub, yang datang bersama-sama bapa mereka ke Mesir, masing-masing dengan seisi keluarganya ialah ² Ruben, Simeon, Lewi, Yehuda, ³ Isakhar, Zebulon, Benyamin, ⁴ Dan, Naftali, Gad, dan Asyer. ⁵ Jumlah semua keturunan Yakub ialah tujuh puluh jiwa, tetapi sebelum itu, Yusuf sudah berada di Mesir. ⁶ Masa berlalu dan Yusuf meninggal, dan begitu jugalah halnya dengan semua saudaranya dan kalangan orang Israel yang satu keturunan dengannya. ⁷ Namun begitu, orang Israel terus beranak cucu dan bilangan mereka meningkat dengan pesatnya. Mereka bertambah ramai dan menjadi luar biasa kuatnya, sehingga negeri itu padat dengan warga mereka.

⁸ Kemudian seorang raja baru yang tidak kenal akan Yusuf memerintah kerajaan Mesir. ⁹ Dia berkata kepada rakyatnya, "Lihatlah, betapa rakyat orang Israel ini menjadi teramat ramai

dan lebih kuat daripada kita. ¹⁰ Mari kita cari akal mengatasi mereka. Jika tidak, mereka akan terus bertambah ramai, dan jika berlaku perang mereka akan bersekutu dengan para musuh kita lalu berperang melawan kita dan meninggalkan negeri ini.” ¹¹ Maka warga Mesir melantik tukang kerah atas orang Israel untuk menindas mereka serta menjadikan mereka buruh paksa. Mereka membangunkan kota perbekalan, iaitu Pitom dan Raamses untuk Firaun. ¹² Walau bagaimanapun, semakin tertindas, bilangan mereka semakin ramai dan terus berkembang, lantas warga Mesir menjadi takut kepada orang Israel. ¹³ Maka semakin kuat dan kejamah warga Mesir menzalimi orang Israel, ¹⁴ dan menjadikan kehidupan mereka menderita dalam perhambaan yang cukup perit. Mereka dipaksa mengerjakan tanah liat dan batu bata serta semua jenis pekerjaan yang menjerihkan di padang.

¹⁵ Raja Mesir juga memerintahkan para bidan orang Ibrani, iaitu seorang yang bernama Sifra dan nama yang seorang lagi pula Pua, ¹⁶ katanya, “Sewaktu kamu membidani para wanita Ibrani, awasilah mereka di tempat bersalin. Jika anak yang dilahirkan mereka itu

lelaki, kamu harus membunuh anak itu, tetapi jika anak itu perempuan biarkan anak itu hidup.”

¹⁷ Namun begitu, kerana bidan-bidan itu takut kepada Allah, mereka tidak bertindak mengikut seperti yang diperintahkan oleh raja Mesir kepada mereka. Mereka membiarkan hidup anak-anak lelaki yang lahir. ¹⁸ Lalu raja Mesir memanggil para bidan itu dan bertanya kepada mereka, “Mengapakah kamu melakukan hal ini, membiarkan para bayi lelaki hidup?”

¹⁹ Jawab para bidan itu kepada Firaun, “Sebabnya perempuan Ibrani tidak seperti perempuan Mesir. Mereka lebih kuat. Sebelum bidan tiba, mereka sudah siap bersalin.” ²⁰ Maka Allah memberkati para bidan itu, dan orang Israel terus bertambah ramai dan menjadi sangat kuat. ²¹ Selain itu, kerana para bidan itu takut kepada Allah, Dia memberkati mereka dengan kaum keluarga mereka sendiri. ²² Akhirnya Firaun memerintahkan sedemikian kepada seluruh rakyatnya, “Semua anak lelaki orang Israel yang dilahirkan hendaklah kamu buang ke dalam Sungai Nil, tetapi biarkan semua anak perempuan mereka hidup.”

Kelahiran Musa

2¹ Ada seorang lelaki daripada keturunan kaum Lewi yang memperisteri seorang perempuan suku Lewi. ² Perempuan itu kemudian mengandung lalu melahirkan seorang anak lelaki. Apabila dia melihat betapa elok dan sihatnya bayi itu, dia menyembunyikannya selama tiga bulan. ³ Namun begitu, dia tidak dapat menyembunyikannya lebih lama, maka dia mengambil sebuah bakul daripada daun papyrus, melapiskannya dengan selut dan perekat kayu, lalu membaringkan anak itu di dalamnya. Kemudian dia meletakkan bakul itu di tengah-tengah rumpun mensiang di tepi Sungai Nil. ⁴ Kakak kepada anak itu berdiri agak jauh dari situ untuk mengetahui apa yang akan terjadi kepada adiknya.

⁵ Kemudian datanglah puteri Firaun untuk mandi di Sungai Nil, sementara para dayangnya berjalan menelusur di tepi sungai. Terlihatlah dia bakul yang berada di tengah-tengah rumpun mensiang itu lalu disuruhnya para hamba perempuannya pergi mengambil bakul itu.

⁶ Apabila dibukanya bakul itu, kelihatanlah bayi itu. Bayi itu pula sedang menangis, maka

timbullah perasaan belas kasihannya kepada bayi tersebut. Katanya, “Ini tentunya salah seorang bayi orang Ibrani.”

⁷ Lalu bertanyalah kakak bayi itu kepada puteri Firaun, “Bolehkah hamba pergi memanggil seorang inang penyusu daripada perempuan Ibrani untuk menyusui bayi ini bagi tuan puteri?”

⁸ Jawab puteri Firaun kepadanya, “Baik, pergilah.” Gadis itu pun pergi memanggil ibu bayi itu. ⁹ Lalu kata puteri Firaun kepada ibu itu, “Bawalah bayi ini dan susuilah dia bagiku. Aku akan memberi kamu upah.” Maka ibu itu mengambil bayi itu dan menyusainya. ¹⁰ Setelah anak itu besar, ibu itu membawanya kepada puteri Firaun, yang menjadikannya anaknya. Dia menamai anak itu Musa, katanya, “Sebabnya aku menariknya keluar daripada air.”

Musa lari ke Tanah Midian

¹¹ Pada suatu hari, apabila Musa sudah besar, dia keluar untuk bersama-sama para saudara sebangsanya dan melihat bagaimana mereka menanggung beban sebagai buruh paksa. Dia melihat bagaimana seorang warga Mesir memukuli seorang Ibrani, iaitu orang sebangsanya. ¹² Setelah menoleh ke sana ke

mari, dia mendapati tiada seorang pun di situ, lalu dia membunuh orang Mesir itu dan kemudian menyembunyikan mayat orang itu di dalam pasir. ¹³ Ketika dia keluar lagi keesokan harinya, dia melihat dua orang Ibrani sedang berkelahi. Bertanyalah dia kepada orang yang bersalah, “Mengapakah kamu memukul rakan sebangsa denganmu?”

¹⁴ Jawab orang itu, “Siapa yang menjadikan kamu pemerintah dan hakim kami? Adakah kamu berniat membunuhku sebagaimana kamu membunuh warga Mesir itu?” Maka Musa menjadi takut dan berfikir, “Pasti kejadian itu sudah diketahui orang.” ¹⁵ Firaun yang terdengar hal itu pun berikhtiar untuk membunuh Musa, namun Musa sempat melarikan diri daripada Firaun dan tiba di Tanah Midian.

Lalu tinggallah dia dekat sebuah perigi di tempat itu.

¹⁶ Di Midian ada seorang imam yang mempunyai tujuh orang anak perempuan. Para perempuan itu datang untuk menimba air dan mengisi palung-palung untuk memberikan minum kepada ternakan domba ayah mereka, ¹⁷ tetapi para gembala datang mengusir mereka. Lalu Musa bangkit menolong mereka dan

memberikan minum kepada kawanan ternakan domba mereka. ¹⁸ Apabila mereka kembali kepada Rehuel, ayah mereka, Rehuel bertanya, “Mengapakah kamu pulang cepat hari ini?”

¹⁹ Jawab mereka, “Ada warga Mesir yang menolong kami daripada gangguan para gembala, bahkan dia menimba air berlimpah-limpah untuk kami dan memberikan minum kawanan ternakan domba kita.”

²⁰ Katanya kepada anak-anaknya, “Di manakah orang itu? Mengapakah kamu tinggalkan dia? Ajaklah dia untuk makan.”

²¹ Musa bersetuju untuk tinggal di rumah orang itu, lalu orang itu memberikan Zipora anaknya untuk diperisteri oleh Musa. ²² Perempuan itu melahirkan seorang anak lelaki, lalu Musa menamainya Gersom, kerana katanya, “Aku telah menjadi seorang pendatang di negeri asing.”

²³ Tempoh masa yang panjang itu menyaksikan kemangkatan raja Mesir. Orang Israel masih berkeluh-kesah kerana diperhamba sedemikian teruk. Maka berseru-serulah mereka hingga doa dan teriakan mereka mengenai perhambaan itu sampai ke hadirat Allah. ²⁴ Allah mendengar keluhan mereka dan mengingati perjanjian-Nya dengan Abraham, Ishak, dan Yakub. ²⁵ Allah

melihat betapa orang Israel menanggung segala penganiayaan itu dan Dia tahu akan keadaan mereka.^t

Belukar yang bernyala-nyala

3¹ Sewaktu itu Musa menggembala kawanannya ternakan domba kepunyaan ayah mertuanya, Yitro, imam di Midian dan dia menggiring ternakan itu ke daerah paling hujung di gurun lalu ke gunung Allah, iaitu Horeb.² Lalu malaikat Tuhan menampakkan diri kepadanya dalam api bernyala di tengah-tengah sebuah belukar. Maka Musa melihat api menyala-nyala di tengah belukar itu walhal api itu tidak memakan pun belukar itu.³ Fikir Musa, “Elok juga jika kulihat dari dekat mengapakah belukar itu tidak terbakar?”

⁴ Apabila Tuhan melihat Musa menghampirinya, Allah pun berseru kepadanya dari tengah-tengah belukar itu, firman-Nya, “Musa, Musa!”

Lalu dia menjawab, “Ya, aku ada di sini.”

⁵ Allah berfirman, “Jangan datang lebih dekat. Tanggalkan kasutmu dari kakimu kerana tempat

^t**2:25** ‘Dia tahu tentang keadaan mereka’ juga bermakna Tuhan mengambil berat terhadap mereka.

kamu berdiri itu tanah suci.”⁶ Firman-Nya lagi, “Akulah Allah ayahmu, juga Allah Abraham, Allah Ishak, dan Allah Yakub.” Lalu Musa menutup mukanya, kerana dia takut memandang Allah.

⁷ Berfirmanlah Tuhan, “Aku telah menyaksikan penindasan umat-Ku di Mesir, dan mendengar rintihan mereka kerana dianiayai oleh para tukang kerah mereka. Aku tahu tentang keperitan yang dialami mereka.”⁸ Maka Aku turun untuk membebaskan mereka daripada cengkaman warga Mesir dan membawa mereka keluar dari negeri itu ke sebuah negeri yang luas dan kaya lagi berlimpah-limpah susu dan madu, iaitu wilayah orang Kanaan, orang Het, orang Amori, orang Feris, orang Hewi, dan orang Yebus.⁹ Sesungguhnya, Aku telah mendengar rintihan orang Israel, dan telah melihat betapa tertindasnya mereka dalam tangan warga Mesir.¹⁰ Maka sekarang, Aku mengutus kamu kepada Firaun untuk membawa orang Israel, iaitu umat-Ku, keluar dari Mesir.”

¹¹ Akan tetapi, Musa berkata kepada Allah, “Siapakah hamba-Mu ini sehingga hamba harus pergi menghadap Firaun dan membawa orang Israel keluar dari Mesir?”

¹² Firman-Nya, “Sesungguhnya, Aku akan bersama dengan kamu. Inilah tanda untukmu bahawa Aku yang mengutus kamu: Apabila kamu

telah membawa orang Israel keluar dari Mesir, kamu akan beribadat kepada Allah di gunung ini.”

¹³ Kata Musa kepada Allah, “Tetapi apabila hamba mendatangi orang Israel dan berkata kepada mereka, ‘Allah nenek moyangmu mengutus aku kepadamu,’ mereka akan bertanya, ‘Siapakah nama-Nya?’ Apakah yang harus hamba katakan kepada mereka?”

¹⁴ Firman Allah kepada Musa, “Akulah Aku.” Firman-Nya lagi, “Kamu harus berkata begini kepada orang Israel, ‘Akulah Aku yang mengutus aku kepadamu.’ ” ¹⁵ Allah selanjutnya berfirman kepada Musa, “Kamu harus katakan begini kepada orang Israel, ‘Tuhan, Allah nenek moyangmu, Allah Abraham, Allah Ishak, dan Allah Yakub, telah mengutus aku kepadamu.’ Itulah nama-Ku untuk selama-lamanya dan dengan nama itulah Aku diseru turun-temurun.

¹⁶ Pergilah, kumpulkanlah kalangan tua-tua orang Israel, dan katakanlah kepada mereka, ‘Tuhan, Allah nenek moyangmu, Allah Abraham, Ishak, dan Yakub telah menampakkan diri kepadaku dan berfirman, “Aku sungguh-sungguh mengendahkan umat-Ku dan memperhatikan apa yang dilakukan terhadapmu di Mesir. ¹⁷ Maka Aku berfirman bahawa Aku akan membawa

kamu keluar daripada kesusahan di Mesir, ke negeri orang Kanaan, orang Het, orang Amori, orang Feris, orang Hewi, dan orang Yebus, iaitu ke tanah yang berlimpah-limpah susu dan madu.”

¹⁸ “Mereka akan mendengar kata-katamu. Kemudian pergilah kamu bersama-sama kalangan tua-tua orang Israel menghadap raja Mesir dan katakanlah kepadanya, ‘Tuhan, Allah orang Ibrani, telah menemui kami. Maka sekarang, izinkanlah kami pergi ke kawasan gurun sejauh tiga hari perjalanan, supaya kami dapat mempersembahkan korban kepada Tuhan, Allah kami.’ ¹⁹ Tetapi Aku tahu bahawa raja Mesir tidak akan membiarkan kamu pergi kecuali dipaksa oleh kuasa yang jauh melebihi kuasanya. ²⁰ Maka, kuasa-Ku akan mengazab Tanah Mesir dengan pelbagai keajaiban yang akan Kuadakan di tengah-tengah mereka. Sesudah itu barulah dia akan mengizinkan kamu pergi.

²¹ Akan Kubuat warga Mesir berbaik hati kepada bangsa ini, sehingga kamu tidak pergi dengan tangan kosong ketika kamu pergi kelak.

²² Setiap orang perempuan harus meminta barang-barang perak, barang-barang emas, dan pakaian daripada jirannya dan daripada pendatang perempuan yang menumpang di

rumahnya. Kesemua itu akan kamu pakaikan pada anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan. Demikianlah kamu akan menjarah harta orang Mesir.”

Tanda keajaiban terlihat pada Musa

4¹ Jawab Musa pula, “Tetapi mereka tidak akan mempercayai aku atau mendengar kata-kataku bahkan mereka akan berkata, ‘Tuhan tidak menampakkan diri kepadamu!’”

² Firman Tuhan kepadanya, “Apakah yang ada di tanganmu itu?”

Jawab Musa, “Tongkat.”

³ Firman-Nya, “Campakkannya ke tanah.”

Musa mencampakkannya ke tanah, lalu tongkat itu menjadi ular lantas larilah Musa meninggalkannya. ⁴ Firman Tuhan kepada Musa, “Hulurkanlah tanganmu dan tangkaplah ekornya.” Musa menghulurkan tangannya dan menangkapnya, lalu ular itu menjadi tongkat semula di tangannya. ⁵ “Lakukanlah hal itu supaya mereka percaya bahawa Tuhan, Allah nenek moyang mereka, Allah Abraham, Allah Ishak dan Allah Yakub, telah menampakkan diri kepadamu.”

⁶ Firman Tuhan lagi kepadanya, “Masukkanlah tanganmu ke dalam bajumu.” Musa memasukkan tangannya ke dalam bajunya. Setelah dikeluarkan,

tampak tangannya dijangkiti kusta, putih seperti salji. ⁷ Firman Allah, “Masukkan tanganmu semula ke dalam bajumu.” Dia pun memasukkan tangannya semula ke dalam bajunya. Setelah dikeluarkan lagi dari dalam bajunya, kelihatan tangannya itu pulih kembali, sama seperti kulitnya yang sediakala. ⁸ “Maka, sekiranya mereka tidak mempercayai kamu dan tidak meyakini keajaiban yang pertama, mereka akan percaya setelah melihat keajaiban berikutnya. ⁹ Akan tetapi, jika mereka masih tidak percaya setelah melihat kedua-dua tanda itu dan enggan mendengar kata-katamu, ambillah air Sungai Nil dan curahkanlah ke tanah yang kering, maka air Sungai Nil itu akan menjadi darah di tanah yang kering itu.”

¹⁰ Namun begitu, kata Musa kepada Tuhan, “Ya Tuhan, hamba-Mu ini bukan seorang yang pandai berbicara, baik dahulu mahupun sekarang, saat Engkau berfirman kepada hamba-Mu ini, kerana hamba-Mu ini berat mulut dan berat lidah.”

¹¹ Firman Tuhan kepadanya, “Siapakah yang menjadikan mulut manusia? Siapakah yang menjadikan orang bisu atau pekak, boleh melihat atau buta? Bukankah Aku, iaitu Tuhan? ¹² Sekarang, pergilah. Aku akan menolong kamu berbicara dan Aku akan mengajarmu apa yang patut kamu katakan.”

¹³ Akan tetapi, Musa berkata, “Ya Tuhan, hamba mohon utuslah orang lain, sesiapa sahaja yang patut Kauutus.”

¹⁴ Maka menyalalah murka Tuhan terhadap Musa, firman-Nya, “Bukankah ada Harun, abangmu, orang Lewi itu? Aku tahu bahawa dia pandai berbicara. Apatah lagi dia telah berangkat untuk menemuimu. Apabila dia melihat kamu, akan sukacitalah hatinya. ¹⁵ Kamu harus berbicara dengannya dan memberitahukan kata-kata tadi kepadanya. Aku akan menolong kamu dan dia untuk berbicara, dan Aku akan memberitahumu apa yang harus kamu lakukan. ¹⁶ Dia harus menjadi jurucakap kamu untuk berbicara kepada orang Israel. Bagi kamu dia bagaikan mulutmu, dan baginya kamu seolah-olah Allah. ¹⁷ Kamu bawalah tongkat ini kerana dengan tongkat inilah kamu akan menunjukkan segala keajaiban itu.”

Musa kembali ke Mesir

¹⁸ Lalu Musa kembali kepada mertuanya, Yitro, dan berkata kepadanya, “Izinkanlah aku kembali kepada para saudaraku yang berada di Mesir untuk melihat sama ada mereka masih hidup.” Kata Yitro kepada Musa, “Pergilah dengan selamat.”

¹⁹ Maka berfirmanlah Tuhan kepada Musa yang masih di Midian, “Kembalilah ke Mesir,

kerana orang yang mengancam nyawamu sudah mati.”²⁰ Kemudian Musa membawa isteri bersama-sama anak-anaknya dan menaikkan mereka ke atas seekor keldai lalu dia berangkat bersama-sama mereka, dan kembali ke Tanah Mesir dengan membawa tongkat Allah di tangannya.

²¹ Firman Tuhan kepada Musa, “Bersedialah apabila kamu kembali ke Mesir, segala keajaiban yang telah Kuserahkan ke dalam tanganmu, lakukanlah kesemuanya di hadapan Firaun. Akan tetapi Aku akan membuat dia keras hati dan tidak mengizinkan orang Israel pergi.”²² Maka katakanlah kepada Firaun, ‘Beginilah firman Tuhan, “Israel itu anak-Ku yang sulung,”²³ dan telah Kufirman kepadamu: Benarkanlah anak-Ku itu pergi supaya dia menyembah Aku tetapi kamu enggan melepaskannya. Lihatlah, Aku akan membunuh anak lelakimu yang sulung.’ ”

²⁴ Lalu dalam perjalanan, di sebuah tempat bermalam, Tuhan bertemu dengan Musa dan hendak mengambil nyawanya.²⁵ Tetapi Zipora mengambil pisau batu, lalu mengkhatakan kulup anaknya. Setelah itu, dia menyentuh kulup itu pada kaki Musa, sambil berkata, “Sesungguhnya, kamu pengantin darah bagiku.”

²⁶ Maka Tuhan tidak mengapa-apakan anak itu. Pada waktu itulah, sehubungan dengan persunatan itu, perempuan itu berkata, “Kamu pengantin darah.”

²⁷ Ketika itu Tuhan berfirman kepada Harun, “Pergilah menemui Musa di gurun.” Maka Harun pun pergi. Dia bertemu dengan Musa di gunung Allah, lalu menciumnya. ²⁸ Lalu Musa memberitahu Harun tentang semua kata yang Tuhan suruh disampaikan-Nya dan semua keajaiban yang harus dibuatnya, seperti yang diperintahkan-Nya.

²⁹ Maka Musa dan Harun berangkat dan mengumpulkan semua tua-tua orang Israel.

³⁰ Lalu Harun menyampaikan kepada mereka semua yang difirmankan Tuhan kepada Musa, serta menunjukkan keajaiban itu di hadapan mata orang Israel. ³¹ Maka percayalah mereka, dan ketika mereka mendengar bahawa Tuhan memang prihatin terhadap orang Israel serta maklum akan segala penderitaan mereka, terus sahaja mereka membongkok lantas sujud menyembah.

Musa menghadap Firaun

5 ¹ Sesudah itu, pergilah Musa dan Harun menghadap Firaun lalu berkata, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Izinkanlah umat-Ku

pergi supaya mereka dapat mengadakan perayaan bagi-Ku di gurun.”

² Tetapi kata Firaun, “Siapakah Tuhan itu sehingga aku harus mematuhi-Nya dan mengizinkan orang Israel pergi? Aku tidak kenal akan Tuhan itu dan aku tidak mengizinkan orang Israel pergi.”

³ Kemudian mereka berkata, “Allah orang Ibrani menemui kami. Izinkanlah kami pergi sejauh tiga hari perjalanan ke gurun dan mempersembahkan korban kepada Tuhan, Allah kami, supaya Dia tidak mengazab kami dengan wabak penyakit atau dengan pedang.”

⁴ Tetapi kata raja Mesir kepada mereka, “Musa dan Harun, mengapakah kamu membuat orang Israel untuk melalaikan pekerjaan mereka? Kembali bekerja kamu!” ⁵ Tambah Firaun lagi, “Lihat, sekarang bangsa itu sudah begitu ramai di negeri ini, dan kamu mahu menghentikan mereka daripada pekerjaan mereka.”

⁶ Maka pada hari itu juga Firaun memberikan perintah demikian kepada para tukang kerah orang Israel itu dan kepada para mandur mereka, ⁷ “Jangan lagi kamu beri bangsa itu jerami untuk membuat batu bata seperti sebelumnya. Biarkan mereka sendiri pergi mengumpulkan jerami. ⁸ Namun begitu, jumlah batu bata yang perlu dibuat mereka mestilah sama banyaknya

dengan yang dibuat mereka sebelumnya; jangan menguranginya. Mereka itu pemalas maka itulah sebabnya mereka berteriak, 'Izinkanlah kami pergi mempersembahkan korban kepada Allah kami. ⁹ Beratkan pekerjaan mereka itu lagi supaya mereka terus bekerja dan tidak menghiraukan kata-kata dusta."

¹⁰ Maka keluarlah para pengerah bangsa itu dan para mandurnya, lalu berkatalah mereka kepada orang Israel, "Beginilah titah Firaun, 'Aku tidak akan memberikan jerami lagi kepadamu. ¹¹ Pergi dan carilah sendiri jerami di mana-mana sahaja kamu boleh mendapatinya. Akan tetapi, bahagian pekerjaanmu tidak boleh kurang sedikit pun." ¹² Maka orang Israel menjelajah seluruh Tanah Mesir untuk mengumpulkan tunggul gandum sebagai jerami. ¹³ Para tukang kerah terus mendesak mereka dengan berkata, "Selesaikanlah pekerjaanmu sehari-hari seperti pada waktu ada jerami." ¹⁴ Lalu para tukang kerah Firaun memukul para mandur orang Israel yang diangkat oleh mereka untuk menyelia bangsa mereka sambil berkata, "Mengapa kelmarin ataupun hari ini jumlah batu bata yang kamu buat tidak menurut jumlah yang ditetapkan, iaitu seperti dahulu?"

¹⁵ Maka pergilah para mandur orang Israel menghadap Firaun lalu berseru, "Mengapakah

tuanku bertindak seperti itu kepada hamba-hambamu ini? ¹⁶ Jerami tidak lagi diberikan kepada hamba-hambamu ini, tetapi para tukang kerah berkata kepada kami, 'Buat batu bata! Ketahuilah, hamba-hambamu ini dipukul padahal orang tuanku yang bersalah.'

¹⁷ Kata Firaun, "Memang kamu semua pemalas! Maka sebab itulah kamu berkata, 'Izinkanlah kami pergi mempersembahkan korban kepada Tuhan. ¹⁸ Sekarang, pergilah bekerja semula! Kamu tidak akan diberi jerami lagi tetapi jumlah batu bata yang mesti kamu serahkan sama seperti biasa!" ¹⁹ Maka sedarlah para mandur orang Israel bahawa mereka berada dalam kesusahan apabila mereka diberitahu, "Kamu tidak boleh mengurangkan jumlah batu bata yang ditetapkan setiap hari."

²⁰ Ketika mereka keluar meninggalkan Firaun, mereka bertemu dengan Musa dan Harun, yang sedang berdiri menantikan mereka. ²¹ Lalu kata mereka kepada kedua-duanya, "Semoga Tuhan melihat perbuatanmu serta menghukum kamu, kerana kamu telah membusukkan nama kami di hadapan Firaun dan di hadapan para pegawainya. Kamu memberikan sebilah pedang kepada mereka untuk membunuh kami."

²² Maka kembalilah Musa menghadap Tuhan, katanya, "Ya Tuhan, mengapakah Engkau

menyusahkan bangsa ini? Mengapakah pula Engkau mengutus hamba-Mu ini? ²³ Sejak hamba-Mu menghadap Firaun untuk berbicara atas nama-Mu, dia telah melakukan kejahatan terhadap bangsa ini. Engkau sama sekali tidak melepaskan umat-Mu.”

Allah menjanjikan pembebasan

6 ¹ Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Musa, “Sekarang kamu akan melihat apa yang akan Kulakukan terhadap Firaun, kerana hanya setelah dipaksa oleh tangan yang kuat barulah dia akan mengizinkan orang Israel pergi. Ya, dengan dipaksa oleh tangan yang kuat barulah dia akan mengusir mereka dari tanahnya.” ² Kemudian berfirmanlah Allah kepada Musa, “Akulah Tuhan. ³ Aku telah menampakkan diri kepada Abraham, Ishak, dan Yakub sebagai Allah Yang Maha Kuasa, tetapi Aku belum menyatakan diri dengan sepenuh makna nama-Ku, Tuhan. ⁴ Aku juga sudah menetapkan perjanjian-Ku dengan mereka untuk mengurniakan Tanah Kanaan kepada mereka, iaitu tempat mereka tinggal sebagai pendatang. ⁵ Aku telah mendengar rintihan orang Israel yang diperhamba oleh warga Mesir, dan Aku ingat akan perjanjian-Ku.

⁶ Maka katakanlah kepada orang Israel, 'Akulah Tuhan. Aku akan membebaskan kamu daripada beban kerahan kerja paksa oleh warga Mesir. Aku akan melepaskan kamu daripada perhambaan mereka, dan menebus kamu dengan lengan yang terhulur dan hukuman yang besar. ⁷ Aku akan mengangkat kamu menjadi umat-Ku dan Aku akan menjadi Allahmu. Kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan, Allahmu, yang membebaskan kamu daripada beban kerahan kerja paksa oleh warga Mesir. ⁸ Aku akan membawa kamu ke negeri yang dengan bersumpah Aku berjanji akan Kukurniakan kepada Abraham, Ishak, dan Yakub. Aku akan mengurniakannya kepadamu untuk menjadi milikmu. Akulah Tuhan."

⁹ Namun begitu, apabila Musa menyampaikan kata-kata itu kepada orang Israel, mereka yang terlalu sedih dengan penindasan daripada beban perhambaan atas mereka itu langsung tidak mahu mendengar kata-kata Musa itu. ¹⁰ Tuhan berfirman pula kepada Musa, ¹¹ "Pergilah dan katakanlah kepada Firaun, raja Mesir, supaya dia mengizinkan orang Israel pergi dari negerinya."

¹² Tetapi Musa berkata kepada Tuhan, "Orang Israel manakala enggan mendengar hamba-Mu ini, bagaimana mungkin Firaun akan mendengar kata-kata hamba-Mu ini. Apatah lagi, hamba seorang yang tidak petah lidahnya?"

¹³ Tetapi Tuhan berfirman lagi kepada Musa dan Harun serta mengutus mereka kepada orang Israel dan kepada Firaun, raja Mesir, untuk membawa orang Israel keluar dari Tanah Mesir.

Para leluhur Musa dan imam Harun

¹⁴ Ini ialah salasilah para leluhur mereka: Para anak Ruben, anak sulung Israel ialah Henokh, Palu, Hezron, dan Karmi. Itulah kaum keluarga Ruben. ¹⁵ Para anak Simeon ialah Yemuel, Yamin, Ohad, Yakhin, Zohar, dan Saul, anak seorang perempuan Kanaan. Itulah kaum keluarga Simeon. ¹⁶ Nama anak Lewi menurut urutan kelahiran mereka ialah Gerson, Kehat, dan Merari. Lewi hidup sehingga berusia 137 tahun. ¹⁷ Para anak Gerson ialah Libni dan Simeï, menurut kaum keluarga masing-masing. ¹⁸ Para anak Kehat ialah Amram, Yizhar, Hebron, dan Uziel. Kehat hidup sehingga berusia 133 tahun. ¹⁹ Para anak Merari ialah Mahli dan Musi. Itulah kaum-kaum Lewi menurut keturunan mereka. ²⁰ Amram memperisteri Yokhebed, saudara ayahnya, dan isterinya itu melahirkan Harun dan Musa baginya. Amram hidup sehingga berusia 137 tahun. ²¹ Para anak Yizhar ialah Korah, Nefeg, dan Zikhri.

²² Para anak Uziel ialah Misael, Elsafan, dan Sitri.

²³ Harun memperisteri Eliseba anak Aminadab, saudara Nahason, dan isterinya itu melahirkan Nadab, Abihu, Eleazar, serta Itamar untuknya.

²⁴ Para anak Korah ialah Asir, Elkana, dan Abiasaf. Itulah kaum keluarga bani Korah.

²⁵ Eleazar anak Harun memperisteri seorang anak perempuan Putiel, dan isterinya itu melahirkan Pinehas untuknya. Itulah salasilah kaum keluarga bani Lewi. ²⁶ Mereka itulah Harun dan Musa yang menerima firman Tuhan, “Bawalah orang Israel keluar dari Tanah Mesir secara teratur menurut pelbagai kumpulan mereka.”

²⁷ Mereka berdualah yang berbicara kepada Firaun, raja Mesir, bahawa mereka akan membawa orang Israel keluar dari Mesir. Musa dan Harun itulah orangnya. ²⁸ Demikianlah firman Tuhan kepada Musa ketika Tuhan berbicara kepada Musa di Tanah Mesir, ²⁹ “Akulah Tuhan. Katakanlah kepada Firaun, raja Mesir, segala hal yang Kufirman kepadamu.” ³⁰ Tetapi Musa menjawab kepada Tuhan, “Sesungguhnya, hamba-Mu ini seorang yang tidak petah lidahnya, bagaimanakah mungkin Firaun akan mendengar kata-kata hamba?”

7 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Lihatlah, Aku telah menjadikan engkau bagaikan Allah

kepada Firaun, dan Harun abangmu seolah-olah nabi untukmu. ² Engkau hendaklah mengatakan semua yang Kuperintahkan kepadamu, dan Harun abangmu hendaklah mengatakan kepada Firaun bahwa dia hendaklah mengizinkan orang Israel pergi dari negerinya. ³ Akan tetapi, Aku akan mengeraskan hati Firaun dan melipatgandakan tanda serta mukjizat-Ku di Tanah Mesir. ⁴ Firaun tidak akan mempedulikan kata-kata kamu, maka Aku akan menunjukkan kuasa-Ku atas Mesir dan membawa keluar rombongan umat-Ku, yaitu orang Israel, dari Tanah Mesir dengan mengenakan pelbagai hukuman yang berat. ⁵ Warga Mesir akan tahu bahwa Akulah Tuhan, apabila Aku menghulurkan tangan-Ku terhadap Mesir serta membawa orang Israel keluar daripada tengah-tengah mereka.” ⁶ Maka Musa dan Harun melaksanakan sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan kepada mereka. ⁷ Umur Musa lapan puluh tahun manakala Harun lapan puluh tiga tahun sewaktu mereka berbicara kepada Firaun.

⁸ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun demikian, ⁹ “Apabila Firaun berkata kepada kamu begini, ‘Tunjukkanlah suatu mukjizat,’ maka haruslah kamu katakan kepada Harun,

‘Ambillah tongkatmu dan campakkanlah di hadapan Firaun, kemudian tongkat itu akan menjadi ular.’¹⁰ Maka pergilah Musa dan Harun menghadap Firaun, lalu mereka melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Tuhan. Harun mencampakkan tongkatnya di hadapan Firaun dan di hadapan para pegawainya, lalu tongkat itu menjadi ular.¹¹ Kemudian Firaun memanggil orang berilmu serta para ahli sihir. Mereka, iaitu para ahli ilmu sihir Mesir itu, menggunakan ilmu mereka lalu turut membuat perkara yang sama.¹² Masing-masing mencampakkan tongkatnya, lalu tongkat-tongkat itu menjadi ular. Tetapi tongkat Harun menelan tongkat-tongkat mereka.¹³ Meskipun begitu, hati Firaun tetap keras dan dia enggan mendengar permintaan Musa dan Harun, sebagaimana yang telah difirmankan oleh Tuhan.

Azab pertama: air menjadi darah

¹⁴ Firman Tuhan kepada Musa, “Memang degil hati Firaun. Dia tidak membenarkan orang Israel pergi.”¹⁵ Temuilah Firaun pada pagi hari ketika lazimnya dia keluar ke sungai. Nantikanlah dia di tepi Sungai Nil dan bawalah di tanganmu tongkat yang pernah berubah menjadi ular itu.¹⁶ Katakanlah kepadanya, ‘Tuhan, Allah orang Ibrani, telah mengutus aku kepadamu dengan

firman, “Izinkanlah umat-Ku pergi, supaya mereka dapat beribadat kepada-Ku di gurun.” Tetapi sampai sekarang engkau tidak mahu mendengar. ¹⁷ Oleh sebab itu, beginilah firman Tuhan, “Dengan hal yang berikut ini engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan. Lihat, dengan tongkat di tanganku ini akan kupukul air Sungai Nil, dan air itu akan berubah menjadi darah. ¹⁸ Ikan-ikan dalam Sungai Nil akan mati sehingga Sungai Nil berbau busuk, dan warga Mesir akan jijik meminum air daripada Sungai Nil.”

¹⁹ Firman Tuhan lagi kepada Musa, “Katakanlah kepada Harun, ‘Ambillah tongkatmu dan hulurkanlah tanganmu ke atas perairan di Mesir, iaitu ke atas sungai-sungainya, segala terusannya, segala kolamnya, dan ke atas setiap penampungan airnya, maka semua itu akan berubah menjadi darah. Dengan demikian, akan ada darah di seluruh Tanah Mesir, baik di dalam tahang kayu mahupun di dalam tempayan batu.”

²⁰ Lalu Musa dan Harun melaksanakan seperti yang diperintahkan oleh Tuhan. Di hadapan Firaun serta para pegawainya, Harun mengangkat tongkatnya dan memukulkannya pada air di Sungai Nil. Maka seluruh air di Sungai Nil berubah menjadi darah. ²¹ Ikan-ikan di Sungai

Nil mati sehingga Sungai Nil berbau busuk, dan warga Mesir tidak dapat meminum air daripada Sungai Nil itu. Ada darah di seluruh Tanah Mesir.

²² Tetapi para ahli ilmu sihir Mesir membuat hal yang sama dengan ilmu mereka, maka hati Firaun tetap keras. Dia tidak mahu mendengar apa yang dikatakan oleh kedua-dua mereka sebagaimana yang telah difirmankan Tuhan.

²³ Firaun berpaling lalu masuk ke istananya tanpa mahu memperhatikan hal itu. ²⁴ Semua warga Mesir menggali-gali kawasan di sekitar Sungai Nil demi mencari air yang dapat diminum, kerana mereka tidak dapat meminum air Sungai Nil.

²⁵ Maka berlalulah tujuh hari sesudah pukulan Tuhan terhadap Sungai Nil itu.

Azab kedua: katak

8 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Pergilah menghadap Firaun dan katakanlah kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan, “Izinkanlah umat-Ku pergi, supaya mereka dapat beribadat kepada-Ku. ² Jika kamu tidak mengizinkan mereka pergi, maka Aku akan mengazabkan seluruh daerahmu dengan mendatangkan katak. ³ Sungai Nil akan berlimpah dengan katak dan katak-katak itu akan naik lalu masuk ke dalam istanamu, ke dalam bilik tidurmu, dan ke atas tempat tidurmu. Juga ke dalam rumah para pegawaimu dan

rakyatmu, ke dalam tempat pembakaran rotimu, serta ke dalam tempat adunanmu. ⁴ Katak-katak itu pun akan naik memanjati kamu, rakyatmu, dan semua pegawaimu.” ’

⁵ Firman Tuhan lagi kepada Musa, “Katakanlah kepada Harun, ‘Hulurkanlah tanganmu dengan tongkatmu ke atas segala sungai, terusan, serta kolam, dan buatlah supaya muncul segala katak di atas Tanah Mesir.” ⁶ Harun pun menghulurkan tangannya ke atas perairan Mesir, lalu muncullah katak lalu menutupi Tanah Mesir. ⁷ Para ahli sihir turut melakukan hal yang sama dengan ilmu mereka lalu membuat katak turut muncul serta melitupi Tanah Mesir.

⁸ Kemudian Firaun memanggil Musa dan Harun serta berkata, “Berdoalah kepada Tuhan supaya Dia menyingkirkan kesemua katak itu daripadaku dan daripada rakyatku, maka aku akan mengizinkan orang Israel itu pergi supaya mereka dapat mempersembahkan korban kepada Tuhan.”

⁹ Kata Musa kepada Firaun, “Katakan sahaja kepadaku bila harus aku berdoa untukmu, untuk para pegawaimu, dan untuk rakyatmu supaya katak-katak itu disingkirkan daripadamu dan dari rumah-rumahmu, sehingga ada di Sungai Nil sahaja.”

¹⁰ Kata Firaun, “Esok.”

Lalu kata Musa, “Jadilah seperti katamu itu, supaya engkau tahu bahawa tidak ada yang seperti Tuhan, Allah kami. ¹¹ Katak-katak itu akan disingkirkan daripadamu, dari rumah-rumahmu, daripada para pegawaimu, dan daripada rakyatmu hingga ada di Sungai Nil sahaja.”

¹² Setelah Musa dan Harun keluar meninggalkan Firaun, berserulah Musa kepada Tuhan tentang katak-katak yang telah Dia datangkan kepada Firaun, ¹³ dan Tuhan mengabulkan permintaan Musa. Matilah kesemua katak di segala rumah, halaman, dan ladang. ¹⁴ Bangkai katak yang dikumpulkan itu bertimbun-timbun sehingga tanah itu berbau busuk. ¹⁵ Namun begitu, apabila Firaun melihat ada kelegaan, maka dikeraskan lagi hatinya dan enggan mendengar permintaan kedua-duanya, seperti yang telah difirmankan oleh Tuhan.

Azab ketiga: agas

¹⁶ Tuhan berfirman kepada Musa, “Katakanlah kepada Harun, ‘Hulurkanlah tongkatmu dan pukullah debu tanah, maka debu itu berubah menjadi agas^u di seluruh Tanah Mesir.’” ¹⁷ Mereka pun melaksanakan hal itu. Harun menghulurkan

^u**8:16** Agas: serangga yang seakan-akan nyamuk yang berbahaya kerana suka menghisap darah.

tangannya dengan tongkatnya, lalu dipukulnya debu tanah. Maka muncullah agas yang tidak terhingga banyaknya lalu hinggap pada manusia dan binatang. Semua debu tanah berubah menjadi agas di seluruh Tanah Mesir. ¹⁸ Para ahli ilmu sihir turut berusaha memunculkan agas dengan ilmu mereka, tetapi mereka tidak berdaya melakukannya. Maka berkerumunlah segala agas itu menghinggapi manusia dan binatang. ¹⁹ Lantas berkatalah para ahli ilmu sihir itu kepada Firaun, “Inilah kuasa Allah.” Tetapi hati Firaun tetap keras dan dia enggan mendengar permintaan mereka, sebagaimana yang telah difirmankan oleh Tuhan.

Azab keempat: kawanan lalat

²⁰ Tuhan berfirman kepada Musa, “Bangunlah pagi-pagi, lalu nantikanlah Firaun ketika lazimnya dia keluar ke sungai. Katakanlah kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan, “Izinkanlah umat-Ku pergi supaya mereka dapat beribadat kepada-Ku, ²¹ kerana jika engkau tidak mengizinkan umat-Ku pergi, maka akan Kubuat kawanan lalat mendatangimu, mendatangi para pegawaimu, rakyatmu, serta rumah-rumahmu. Rumah orang Mesir akan penuh dengan kawanan lalat,

dan begitu jugalah bumi yang dipijak mereka itu. ²² Akan tetapi, pada hari itu Aku akan mengecualikan Tanah Gosyen yang dihuni para umat-Ku. Di sana tidak akan ada kawanan lalat, supaya engkau tahu bahawa Akulah, Tuhan, yang hadir di tengah-tengah tanah ini. ²³ Aku akan mengadakan perbezaan antara umat-Ku dengan rakyatmu. Esok mukjizat ini akan terjadi.”
' ²⁴ Maka Tuhan pun berbuat demikian. Maka datanglah begitu banyak kawanan lalat yang masuk ke dalam istana Firaun, ke dalam rumah para pegawainya, dan ke seluruh Tanah Mesir. Rosaklah negeri itu akibat kawanan lalat itu.

²⁵ Lalu Firaun memanggil Musa dan Harun. Katanya, “Pergilah, persembahkanlah korban kepada Allahmu di negeri ini.”

²⁶ Tetapi Musa berkata, “Kami tidak dapat berbuat demikian, kerana korban yang hendak kami persembahkan kepada Tuhan, Allah kami, ialah sesuatu yang dipandang keji oleh warga Mesir. Apabila kami mempersembahkan korban yang dipandang keji oleh warga Mesir di hadapan mata mereka, tidakkah mereka akan merejam kami? ²⁷ Kami perlu pergi ke gurun yang berada sejauh tiga hari perjalanan, dan mempersembahkan korban kepada Tuhan, Allah kami, sebagaimana yang Dia firmankan kepada kami.”

²⁸ Kata Firaun, “Aku akan mengizinkan kamu pergi mempersembahkan korban kepada Tuhan, Allahmu, di gurun. Hanya, janganlah pergi terlalu jauh, dan berdoalah untukku.”

²⁹ Kata Musa, “Lihatlah, aku akan keluar meninggalkan kamu dan aku akan berdoa kepada Tuhan supaya esok kawanan lalat ini disingkirkan daripada Firaun, daripada para pegawainya, serta rakyatnya. Hanya, janganlah Firaun berbohong lagi dengan tidak mengizinkan umat ini pergi mempersembahkan korban kepada Tuhan.”

³⁰ Setelah itu keluarlah Musa meninggalkan Firaun, lalu berdoa kepada Tuhan. ³¹ Tuhan pun mengabulkan permintaan Musa lalu Dia menyingkirkan kawanan lalat itu daripada Firaun, daripada para pegawainya, serta rakyatnya, sehingga tidak ada seekor pun yang tertinggal.

³² Namun demikian, kali ini juga, Firaun mengeraskan hatinya dan tidak mengizinkan umat itu pergi.

Azab kelima: penyakit sampar menyerang ternakan

9 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Pergilah menghadap Firaun dan katakanlah kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah orang Ibrani, “Izinkanlah umat-Ku pergi, supaya mereka dapat beribadat kepada-Ku. ² Sebabnya jika

engkau tidak mengizinkan mereka pergi dan masih menahan mereka, ³ maka tangan Tuhan akan mendatangkan penyakit sampar yang sangat teruk kepada ternakan kamu di padang, iaitu kuda, keldai, unta, lembu, serta domba.

⁴ Tetapi Tuhan akan membezakan ternakan orang Israel daripada ternakan warga Mesir. Tidak seekor pun daripada ternakan orang Israel akan mati." ' " ⁵ Kemudian Tuhan menetapkan waktunya, firman-Nya, "Hari esok Tuhan akan melaksanakan hal itu di negeri ini."

⁶ Keesokan harinya, Tuhan pun melaksanakan hal itu. Semua ternakan warga Mesir mati, tetapi tidak ada seekor pun ternakan orang Israel mati.

⁷ Lalu Firaun menyuruh orang memeriksa hal itu, dan benarlah, tidak seekor pun ternakan orang Israel mati. Namun demikian, hati Firaun tetap keras. Dia masih tidak mengizinkan orang Israel pergi.

Azab keenam: bisul

⁸ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, "Ambillah segenggam penuh jelaga dari relau, lalu hendaklah Musa menghamburkannya ke udara di hadapan Firaun. ⁹ Jelaga itu akan menjadi debu halus yang meliputi seluruh Tanah Mesir serta menjadi bisul yang pecah bernanah pada manusia dan haiwan di seluruh

Tanah Mesir.”¹⁰ Maka mereka mengambil jelaga dari relau lalu berdiri di hadapan Firaun. Musa menghamburkan jelaga itu ke udara, lalu berjangkitlah penyakit bisul yang pecah bernanah pada manusia serta haiwan.¹¹ Para ahli ilmu sihir tidak dapat berdiri lagi di hadapan Musa akibat bisul-bisul itu, kerana bisul itu juga menjangkiti para ahli ilmu sihir, seperti semua warga Mesir yang lain.¹² Tetapi Tuhan mengeraskan hati Firaun sehingga dia tidak mahu mendengar kata kedua-duanya, sebagaimana yang telah Tuhan firmankan kepada Musa.

Azab ketujuh: hujan batu

¹³ Tuhan berfirman kepada Musa, “Bangunlah pagi-pagi, dan berdirilah di hadapan Firaun dan katakanlah kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah orang Ibrani, “Izinkanlah umat-Ku pergi supaya mereka dapat beribadat kepada-Ku,¹⁴ kerana kali ini Aku akan melepaskan segala azab-Ku atas dirimu, atas para pegawaimu, serta atas rakyatmu, supaya engkau tahu bahawa tidak ada yang seperti Aku di seluruh bumi.¹⁵ Sekarang pun Aku boleh sahaja menghulurkan tangan-Ku untuk mengazab engkau dan rakyatmu dengan wabak penyakit

sehingga engkau lenyap dari bumi. ¹⁶ Akan tetapi, untuk tujuan ini Aku membiarkan engkau hidup, yaitu supaya Aku dapat memperlihatkan kepadamu kuasa-Ku, dan supaya nama-Ku termasyhur di seluruh bumi. ¹⁷ Meskipun demikian, engkau masih sahaja meninggikan diri terhadap umat-Ku dan tidak mengizinkan mereka pergi. ¹⁸ Sesungguhnya esok, pada waktu seperti ini, Aku akan menurunkan hujan batu yang sangat kuat, yang belum pernah terjadi di Mesir sejak Mesir diwujudkan sampai sekarang ini. ¹⁹ Sekarang, suruhlah orang mengandangkan ternakan kamu dan segala sesuatu yang kaumiliki di padang. Semua orang dan haiwan yang ada di padang dan tidak dibawa masuk ke rumah akan mati ditimpa oleh hujan batu itu.” ’ ” ²⁰ Maka beberapa orang daripada pegawai Firaun yang takut kepada firman Tuhan melarikan para hamba serta ternakan masing-masing ke rumah. ²¹ Tetapi orang yang tidak mengendahkan firman Tuhan meninggalkan para hamba serta ternakan mereka di padang.

²² Firman Tuhan kepada Musa, “Hulurkanlah tanganmu ke langit supaya hujan batu turun di seluruh Tanah Mesir dan melanda manusia, haiwan, serta segala tumbuhan di padang,

di Tanah Mesir.”²³ Musa pun menghulurkan tongkatnya ke langit, lalu Tuhan mendatangkan guruh dan hujan batu, serta menurunkan api pula ke bumi. Tuhan menghujani Tanah Mesir dengan hujan batu.²⁴ Hujan batu turun dan api sambar-menyambar di tengah-tengah hujan batu itu dengan sangat hebatnya. Belum pernah terjadi hal sebegitu di seluruh Tanah Mesir sejak Mesir menjadi sebuah negara.²⁵ Hujan batu itu membinasakan segala sesuatu yang ada di padang di seluruh Tanah Mesir, baik manusia mahupun haiwan. Maka rosaklah dan binasalah segala tumbuhan serta pokok akibat hujan batu itu.²⁶ Hanya di Tanah Gosyen, iaitu tempat tinggal orang Israel, hujan batu tidak turun.

²⁷ Maka Firaun menyuruh agar Musa dan Harun dipanggil. Lalu katanya kepada mereka, “Kali ini aku telah berdosa. Tuhan itulah yang benar, sedangkan aku dan rakyatku bersalah.²⁸ Berdoalah kepada Tuhan. Cukuplah sudah guruh yang luar biasa dan hujan batu ini. Aku akan mengizinkan kamu pergi. Tidak usah lagi kamu tinggal di sini.”

²⁹ Kata Musa kepadanya, “Apabila aku sudah keluar dari kota ini, aku akan menadahkan tanganku kepada Tuhan. Guruh akan berhenti

dan hujan batu tidak akan turun lagi, supaya engkau tahu bahawa bumi ini milik Tuhan.

³⁰ Akan tetapi, aku tahu bahawa sesungguhnya engkau dan para pegawaimu belum juga takut kepada Tuhan Allah.”

³¹ Pada masa itu musnah segala tumbuhan rami dan barli, kerana barli sedang berbulir dan rami sedang berbunga. ³² Tetapi gandum dan sekoi yang belum tumbuh itu tidak musnah.

³³ Musa keluar dari kota itu meninggalkan Firaun, lalu dia menadahkan tangannya kepada Tuhan. Maka berhentilah guruh dan hujan batu, dan hujan tidak lagi mencurah-curah ke atas bumi. ³⁴ Namun begitu, apabila Firaun melihat bahawa hujan, hujan batu, dan guruh sudah berhenti, dia kembali berbuat dosa dan mengeraskan hatinya. Begitu jugalah para pegawainya. ³⁵ Hati Firaun tetap keras dan dia tidak mengizinkan orang Israel pergi, sebagaimana yang telah difirmankan oleh Tuhan dengan perantaraan Musa.

Azab kelapan: belalang juta

10 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
“Pergilah menghadap Firaun, kerana Aku telah mengeraskan hatinya dan hati para pegawainya, supaya Aku dapat menunjukkan segala mukjizat-Ku ini dalam kalangan mereka,

² dan supaya kamu dapat menceritakan kepada anak cucumu bagaimana Aku memperlakukan warga Mesir, serta segala mukjizat yang telah Kulakukan dalam kalangan mereka. Dengan demikian, kamu tahu bahawa Akulah Tuhan.”

³ Maka pergilah Musa dan Harun menghadap Firaun, lalu berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, Allah orang Ibrani, ‘Berapa lama lagi kamu menolak untuk merendahkan diri di hadapan-Ku? Izinkanlah umat-Ku pergi, supaya mereka dapat beribadat kepada-Ku. ⁴ Sebabnya jika kamu tidak mengizinkan umat-Ku pergi, maka hari esok Aku akan mendatangkan kawanan belalang juta ke daerahmu. ⁵ Segala belalang juta itu akan melitupi permukaan bumi sehingga tanah tidak lagi terlihat. Kawanan belalang juta itu juga akan memakan habis sisa yang terluput, iaitu yang masih tertinggal bagimu setelah peristiwa hujan batu itu, dan akan memakan habis semua pokok yang tumbuh di padang. ⁶ Kawanan belalang juta itu akan memenuhi istanamu, rumah semua pegawaimu, dan rumah semua warga Mesir. Hal seperti itu belum pernah terjadi pada zaman ayahmu serta nenek moyangmu sejak mereka lahir di dunia sampai hari ini.’ ” Lalu Musa berpaling dan keluar meninggalkan Firaun.

⁷ Maka berkatalah para pegawai Firaun kepadanya, “Berapa lama lagi orang ini akan

menjadi jerat bagi kita? Kami mohon lepaskan sajalah orang Israel itu pergi, supaya mereka dapat beribadat kepada Tuhan, Allah mereka. Belum sedarkah tuanku bahawa Mesir telah binasa?”

⁸ Musa dan Harun pun dibawa kembali ke hadapan Firaun, lalu dia berkata kepada mereka, “Pergilah, beribadatlah kepada Tuhan, Allahmu. Siapakah sebenarnya yang akan pergi?”

⁹ Kata Musa, “Kami akan pergi bersama-sama orang tua dan orang muda. Kami akan pergi membawa anak-anak kami, baik lelaki mahupun perempuan, juga kawanan domba dan kawanan lembu kami, kerana kami harus mengadakan perayaan untuk Tuhan.”

¹⁰ Kata Firaun kepada mereka, “Semoga Tuhan menyertai kamu seandainya aku mengizinkan kamu pergi bersama-sama anak-anakmu. Lihat, kamu memang berniat jahat! ¹¹ Tidak demikian! Biarlah kaum lelaki sahaja yang pergi beribadat kepada Tuhan, kerana itulah yang kamu inginkan.” Lalu mereka diusir dari hadapan Firaun.

¹² Tuhan berfirman kepada Musa, “Hulurkanlah tanganmu ke atas Tanah Mesir supaya muncul kawanan belalang juta di Tanah Mesir dan memakan habis segala tumbuhan di tanah, iaitu segala sesuatu yang masih tertinggal

setelah peristiwa hujan batu itu.”¹³ Musa pun menghulurkan tongkatnya ke atas Tanah Mesir, lalu Tuhan mendatangkan angin timur ke negeri itu sehari-harian dan semalam-malaman. Pagi harinya angin timur itu membawa kawanan belalang juta.¹⁴ Maka muncullah belalang juta di seluruh Tanah Mesir. Sangat banyak sekali kawanan belalang juta yang hinggap di seluruh daerah Mesir. Sebelum itu tidak pernah muncul sedemikian banyaknya belalang juta dan sesudah itu pun tidak pernah terjadi lagi yang demikian.¹⁵ Kawanan belalang juta itu melitupi seluruh permukaan tanah hingga seluruh wilayah negeri itu menjadi gelap. Segala tumbuhan di tanah serta buah-buahan di pokok yang masih tertinggal setelah peristiwa hujan batu itu dimakan habis oleh kawanan belalang juta. Tidak tertinggal sesuatu pun yang hijau pada pokok serta tumbuh-tumbuhan di padang, di seluruh Tanah Mesir.

¹⁶ Maka segeralah Firaun memanggil Musa dan Harun, lalu katanya, “Aku telah berdosa terhadap Tuhan, Allahmu, dan terhadap kamu.¹⁷ Sekarang, mohon ampunkanlah dosaku sekali ini sahaja dan berdoalah kepada Tuhan, Allahmu, supaya Dia menyingkirkan bahaya

maut ini daripada diriku.”¹⁸ Musa pun keluar meninggalkan Firaun lalu berdoa kepada Tuhan.¹⁹ Maka Tuhan membalikkan angin itu untuk menjadi angin barat yang sangat kencang. Angin itu membawa semua belalang juta yang ada dan mencampakkannya ke dalam Laut Merah. Tidak ada seekor pun belalang juta yang tertinggal di seluruh daerah Mesir.²⁰ Namun begitu, Tuhan mengeraskan hati Firaun, sehingga dia tidak mengizinkan orang Israel pergi.

Azab kesembilan: gelap gelita

²¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Hulurkanlah tanganmu ke langit, supaya kegelapan datang ke atas Tanah Mesir, sehingga orang benar-benar merasakan kegelapan itu.”²² Musa pun menghulurkan tangannya ke langit, lalu datanglah kegelapan yang pekat ke atas seluruh Tanah Mesir selama tiga hari.²³ Orang tidak dapat melihat satu sama lain, dan tiada seorang pun dapat bergerak dari tempatnya selama tiga hari. Akan tetapi, seluruh orang Israel menikmati cahaya di tempat tinggal mereka.

²⁴ Kemudian Firaun memanggil Musa serta berkata, “Pergilah, beribadatlah kepada Tuhan. Hanya, tinggalkanlah kawanan domba dan

kawanan lembumu di sini. Anak-anakmu juga boleh pergi bersama-samamu.”

²⁵ Tetapi Musa berkata, “Engkau malah harus memberi kami beberapa korban sembelihan dan korban bakaran supaya kami dapat mempersembahkannya kepada Tuhan, Allah kami. ²⁶ Ternakan kami pun harus kami bawa serta. Seekor pun tidak akan kami tinggalkan, kerana beberapa daripada ternakan itu harus kami ambil untuk beribadat kepada Tuhan, Allah kami. Sebelum sampai di sana, kami tidak tahu apa yang patut kami gunakan untuk beribadat kepada Tuhan kami.”

²⁷ Tetapi Tuhan mengeraskan hati Firaun, sehingga dia tidak mengizinkan mereka pergi.

²⁸ Kata Firaun kepada Musa, “Nyahlah dari hadapanku! Awas, jangan pandang mukaku lagi, kerana pada waktu engkau memandangi mukaku, engkau akan mati.”

²⁹ Kata Musa, “Benar seperti katamu! Aku tidak akan memandangi mukamu lagi.”

Ancaman azab kesepuluh

11 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Aku akan mendatangkan satu azab lagi atas Firaun dan atas Mesir, sesudah itu barulah dia akan mengizinkan kamu pergi dari sini dan dia akan benar-benar mengusir kamu dari sini.

² Katakanlah kepada orang Israel, hendaklah setiap lelaki minta daripada tetangganya barang-barang perak dan emas, dan begitu jugalah setiap perempuan meminta daripada tetangganya.” ³ Lalu Tuhan membuat warga Mesir berbaik hati kepada umat itu, apatah lagi pula, Musa memang seorang yang dipandang tinggi di Tanah Mesir, baik di mata pegawai-pegawai Firaun mahupun di mata rakyat.

⁴ Kata Musa, “Beginilah firman Tuhan, ‘Pada waktu tengah malam Aku akan datang ke tengah-tengah Mesir. ⁵ Maka semua anak sulung di Tanah Mesir akan mati, mulai anak sulung Firaun yang duduk di atas takhtanya hingga anak sulung hamba perempuan yang bekerja menggunakan pengisar itu, dan juga semua anak sulung ternakan. ⁶ Tangisan yang kuat akan berlaku di seluruh Tanah Mesir yang belum pernah terjadi sebelum itu dan tidak akan terjadi lagi. ⁷ Akan tetapi, kepada siapa pun daripada orang Israel, baik manusia mahupun binatang, tidak ada seekor anjing pun akan berani menyalak, supaya kamu tahu bahawa Tuhan membezakan di antara warga Mesir dengan orang Israel. ⁸ Semua pegawaimu akan datang kepadaku, akan sujud memberi hormat kepadaku dan berkata, ‘Keluarlah engkau bersama-sama seluruh rakyat yang mengikut

engkau.’ Sesudah itu aku akan pergi.” Lalu keluarlah Musa meninggalkan Firaun dengan kemarahan yang menyala-nyala.

⁹ Firman Tuhan kepada Musa, “Firaun tidak akan mendengar kamu, maka dengan demikian akan bergandalah mukjizat yang dapat Kutunjukkan di Tanah Mesir.” ¹⁰ Musa dan Harun melakukan segala keajaiban itu di hadapan Firaun, tetapi Tuhan mengeraskan hati Firaun sehingga dia tidak mengizinkan orang Israel pergi dari negerinya.

Perayaan Paskah^v dimulakan

12 ¹ Demikianlah firman Tuhan kepada Musa dan Harun di Tanah Mesir, ² “Bulan ini akan menjadi bulan pertama bagimu dalam setahun. ³ Katakanlah kepada seluruh jemaah Israel demikian, ‘Pada hari kesepuluh dalam bulan ini setiap orang hendaklah mengambil seekor anak domba menurut isi rumah kaum keluarganya, seekor anak domba untuk setiap isi rumah. ⁴ Jika satu isi rumah terlalu kecil

^v**12:0** Paskah: Istilah ini berakar kata Ibrani ‘paskah’ (berlalu) yang merujuk kepada peristiwa ketika Allah menewaskan anak sulung orang Mesir namun melepaskan anak sulung bani Israel.

12:1: Im 23:5; Bil 9:1-5; 28:16; Ul 16:1,2.

untuk menghabiskan seekor anak domba, maka bersama dengan isi rumah tetangga yang terdekat hendaklah mengambil seekor domba menurut jumlah orang di sana. Coba kira berapa banyak anak domba yang diperlukan memenuhi jumlah yang dapat dimakan oleh setiap orang. ⁵ Hendaklah anak domba atau anak kambing itu – kamu boleh memilihnya – jantan, berumur setahun, dan tiada cacat celanya. ⁶ Kamu hendaklah menjaganya sampai hari keempat belas dalam bulan ini, lalu setelah itu seluruh jemaah Israel hendaklah menyembelihnya pada waktu senja. ⁷ Hendaklah darahnya diambil sedikit lalu disapukan pada kedua-dua tiang pintu serta pada ambang setiap daun pintu rumah di mana orang memakan domba tersebut. ⁸ Dagingnya, yang sudah dipanggang di atas api, harus dimakan mereka pada malam itu juga dengan roti yang tidak beragi serta sayur herba pahit. ⁹ Janganlah makan daging itu mentah-mentah atau setelah direbus di dalam air, tetapi makanlah setelah dipanggang di atas api lengkap dengan kepala, kaki, dan isi perutnya. ¹⁰ Jangan tinggalkan sisa-sisanya sampai pagi. Kesemua sisa yang tertinggal sampai pagi hendaklah kamu bakar habis. ¹¹ Beginilah kamu harus memakannya, iaitu dengan pinggang berikat, kaki berkasut, dan dengan tongkat di

tanganmu. Kamu harus memakannya dengan terburu-buru kerana itulah Perayaan Paskah bagi Tuhan.

¹² Pada malam itu juga, Aku akan melintasi Tanah Mesir dan menyerang semua anak sulung di Tanah Mesir, daripada anak manusia sampai anak binatang. Akan Kuhukum semua tuhan sembahan warga Mesir. Akulah Tuhan. ¹³ Darah itu akan menjadi tanda bagimu di rumah-rumah yang kamu diami. Apabila Aku melihat darah itu, maka Aku akan melalui kamu sehingga rumahmu tidak ditimpa azab kemusnahan pada waktu Aku mengazabkan Tanah Mesir.

¹⁴ Hari ini akan menjadi hari yang harus kamu ingati. Kamu hendaklah merayakannya turun-temurun sebagai hari perayaan bagi Tuhan, dan perayaan itu hendaklah menjadi ketetapan buat selama-lamanya.

¹⁵ Kamu harus makan roti yang tidak beragi tujuh hari lamanya. Pada hari pertama, buanglah ragi dari rumahmu, kerana sesiapa pun makan sesuatu yang beragi dari hari pertama sampai hari ketujuh, hendaklah dia disingkirkan daripada Israel. ¹⁶ Pada hari pertama adakanlah perhimpunan jemaah yang suci, demikian pula pada hari ketujuh. Pada hari-hari itu tidak

boleh dilakukan pekerjaan apa-apa pun, kecuali mempersiapkan makanan yang harus dimakan oleh setiap orang. ¹⁷ Rayakanlah selalu Perayaan Roti Tidak Beragi, kerana tepat pada hari ini Aku membawa rombonganmu keluar dari Tanah Mesir. Oleh sebab itu rayakanlah selalu hari ini turun-temurun sebagai suatu ketetapan untuk selama-lamanya. ¹⁸ Mulai dari petang hari pada hari keempat belas bulan pertama, makanlah roti yang tidak beragi sampai pada petang hari pada hari kedua puluh satu bulan itu juga. ¹⁹ Tujuh hari lamanya tidak boleh ada ragi dalam rumahmu, kerana sesiapa pun makan sesuatu yang beragi, dia harus disingkirkan daripada antara jemaah Israel, baik pendatang mahupun warga asli. ²⁰ Apa pun yang beragi tidak boleh kamu makan. Di seluruh tempat tinggalmu kamu harus makan roti yang tidak beragi.”

²¹ Kemudian Musa memanggil semua tua-tua Israel dan berkata kepada mereka, “Pergilah, ambillah anak domba bagi kaum keluargamu, dan sembelihlah domba Paskah. ²² Ambillah seikat ranting hisop, celuplah di dalam darah yang telah ditempatkan dalam sebuah mangkuk, lalu sapukanlah darah itu pada ambang pintu serta kedua-dua tiang pintu rumah. Tiada seorang pun dalam kalangan kamu boleh keluar

dari pintu rumahnya sampai pagi hari, ²³ kerana Tuhan akan melintas untuk mengazabkan warga Mesir. Apabila Dia melihat darah pada ambang pintu serta kedua-dua tiang pintu sesebuah rumah, maka Tuhan akan melalui pintu itu dan tidak membiarkan pemusnah masuk ke dalam rumahmu untuk mengazabkan kamu. ²⁴ Lakukanlah hal ini setiap kali dan jadikannya sebagai suatu ketetapan bagimu serta bagi anak-anakmu buat selama-lamanya. ²⁵ Jadi, apabila kamu telah memasuki negeri yang Tuhan akan kurniakan kepadamu seperti yang difirmankan-Nya, kamu hendaklah terus memegang ibadat ini. ²⁶ Nanti, apabila anak-anakmu bertanya kepadamu, 'Apakah erti ibadat ini kepada Ayah?' ²⁷ maka kamu harus menjawab, 'Ini korban Paskah bagi Tuhan. Ketika Tuhan mengazabkan warga Mesir, Dia melalui rumah-rumah orang Israel di Mesir dan menyelamatkan rumah-rumah kita.' "

Lalu orang Israel menundukkan kepala dan sujud menyembah. ²⁸ Kemudian pergilah orang Israel, melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa dan Harun.

Azab kesepuluh: matinya anak sulung

²⁹ Pada tengah malam Tuhan mematikan semua anak sulung di Tanah Mesir, daripada anak sulung Firaun yang duduk di atas takhta sampai anak sulung para tawanan yang ada di dalam kurungan bawah tanah, juga semua anak sulung haiwan. ³⁰ Maka bangunlah Firaun pada malam itu, demikian pula semua pegawainya dan semua warga Mesir. Lalu terdengarlah tangisan yang dahsyat di Mesir, kerana tidak ada rumah yang tidak berlaku kematian. ³¹ Pada malam itu juga Firaun memanggil Musa dan Harun, katanya, “Segeralah keluar daripada kalangan rakyatku, baik kamu mahupun orang Israel! Pergilah, beribadatlah kepada Tuhan seperti katamu itu. ³² Bawalah pula kawan domba dan kawan lembumu seperti katamu itu, lalu pergilah. Mohonkanlah juga berkat bagiku.”

³³ Warga Mesir juga mendesak orang Israel itu untuk pergi dengan segera dari negeri itu, kerana kata mereka, “Nanti kami semua mati.” ³⁴ Kemudian orang Israel itu mengambil segala wadah berisi adunan yang belum diragi, lalu membungkusnya dengan pakaian dan memikulnya di atas bahu mereka. ³⁵ Orang Israel

juga melaksanakan apa yang dikatakan oleh Musa. Mereka meminta daripada orang Mesir barang-barang perak, barang-barang emas, dan pakaian. ³⁶ Tuhan membuat orang Mesir berbaik hati kepada umat-Nya itu, sehingga permintaan mereka dipenuhi. Demikianlah mereka menjarah warga Mesir.

Orang Israel keluar dari Mesir

³⁷ Setelah itu, berangkatlah orang Israel dari Raamses menuju Sukot. Jumlah mereka 600,000 orang lelaki, tidak termasuk perempuan dan kanak-kanak. ³⁸ Ada ramai juga daripada pelbagai bangsa yang ikut pergi bersama-sama, dan tentunya bersama dengan kawanan ternakan yang sangat besar jumlahnya, baik kawanan domba mahupun kawanan lembu. ³⁹ Mereka membakar roti tanpa ragi daripada adunan yang dibawa mereka dari Mesir. Adunan itu memang belum beragi, kerana mereka diusir dari Mesir dan tidak boleh berlengah. Mereka juga tidak sempat menyediakan bekal untuk keperluan mereka.

⁴⁰ Selama empat ratus tiga puluh tahun orang Israel bermastautin di Mesir. ⁴¹ Sesudah empat ratus tiga puluh tahun, tepat pada hari itu,

keluarlah seluruh rombongan umat Tuhan dari Tanah Mesir. ⁴² Malam itu malam yang harus tertumpu pada hal memperingati Tuhan yang telah membawa mereka keluar dari Tanah Mesir. Itulah malam yang harus diperingati oleh seluruh orang Israel, turun-temurun.

Ketetapan lebih lanjut bagi Perayaan Paskah

⁴³ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, “Inilah ketetapan tentang korban hari Paskah: Tiada seorang pun warga asing yang boleh memakannya. ⁴⁴ Setiap hamba yang dibeli dengan wang dan setelah kamu menyunatkannya barulah boleh memakannya. ⁴⁵ Seorang perantau dan orang upahan tidak boleh memakannya. ⁴⁶ Paskah itu harus dimakan di dalam sesebuah rumah. Kamu tidak boleh membawa sedikit pun daripada daging itu ke luar rumah. Selain itu, sebatang tulang pun tidak boleh kamu patahkan. ⁴⁷ Seluruh jemaah Israel harus merayakan hari Paskah. ⁴⁸ Apabila seorang pendatang yang tinggal di tengah-tengah kalangan kamu mahu merayakan Paskah juga bagi Tuhan, maka semua lelaki yang ada bersama-samanya harus disunatkan dahulu. Setelah itu, barulah dia boleh datang untuk merayakannya. Dia akan dianggap

sama dengan warga asli. Tetapi orang yang tidak bersunat tidak boleh memakannya. ⁴⁹ Satu hukum berkuat kuasa bagi warga Israel dan bagi pendatang yang tinggal di tengah-tengah kamu.” ⁵⁰ Maka seluruh orang Israel pun melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa dan Harun. ⁵¹ Tepat pada hari itu Tuhan membawa segala rombongan orang Israel keluar dari Tanah Mesir.

Pentahbisan anak sulung dan Perayaan Roti Tidak Beragi

13 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa demikian, ² “Tahbiskanlah untuk-Ku semua anak sulung. Semua yang lahir pertama daripada rahim dalam kalangan orang Israel, baik manusia mahupun haiwan, Akulah pemiliknya.”

³ Lalu berpesanlah Musa kepada orang Israel, “Peringatilah hari ini iaitu hari apabila kamu keluar dari Mesir, dari tempat perhambaan, kerana dengan kuasa tangan-Nya Tuhan telah membawa kamu keluar dari sana maka sesuatu apa-apa pun yang beragi tidak boleh kamu makan. ⁴ Pada hari ini, dalam bulan Abib, kamu keluar. ⁵ Kelak apabila Tuhan telah membawa kamu masuk ke negeri bani Kanaan, bani Het,

bani Amori, bani Hewi, dan bani Yebus – negeri yang telah Dia janjikan dengan bersumpah kepada nenek moyangmu untuk dikurniakan kepadamu, iaitu negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu – maka kamu harus melaksanakan ibadat ini pada bulan ini juga. ⁶ Hendaklah kamu makan roti yang tidak beragi selama tujuh hari, dan pada hari ketujuh kamu harus mengadakan perayaan bagi Tuhan. ⁷ Makanlah roti yang tidak beragi selama tujuh hari itu. Sesuatu yang beragi tidak boleh terlihat dalam kalangan kamu, dan begitu juga tidak boleh terlihat di mana-mana pun di seluruh daerahmu. ⁸ Pada hari itu kamu harus memberitahu anak-anak lelakimu demikian, ‘Ibadat ini dilakukan untuk memperingati apa yang telah dilakukan Tuhan bagiku ketika aku keluar dari Mesir.’ ⁹ Perayaan itu akan menjadi satu peringatan bagimu – seperti tanda pada tanganmu dan peringatan pada dahimu – supaya hukum Tuhan ada di bibirmu, kerana Tuhan telah membawa kamu keluar dari Mesir dengan tangan yang kuat. ¹⁰ Oleh yang demikian, patuhilah sentiasa ketetapan ini pada waktu yang sudah ditentukan, tahun demi tahun.

¹¹ Nanti, apabila Tuhan sudah membawa kamu masuk ke negeri orang Kanaan, seperti yang telah dijanjikan-Nya dengan bersumpah kepada nenek moyangmu, dan apabila negeri itu sudah

dikurniakan-Nya kepadamu, ¹² maka kamu harus mentahbiskan untuk Tuhan semua yang lahir pertama daripada rahim. Semua yang lahir pertama daripada binatang yang kaupunyai, iaitu yang jantan, ialah milik Tuhan. ¹³ Semua anak keldai yang lahir pertama harus kamu tebus dengan seekor anak domba. Jika kamu tidak menebusnya, maka kamu harus mematahkan lehernya. Semua anak sulung manusia antara anak-anak lelakimu harus kamu tebus. ¹⁴ Nanti, pada kemudian hari kelak anakmu bertanya kepadamu, 'Apakah ertinya ini?' maka kamu harus mengatakan kepadanya, 'Dengan kekuatan tangan-Nya, Tuhan telah membawa kami keluar dari Mesir, dari tempat perhambaan. ¹⁵ Pada waktu Firaun berkeras hati enggan mengizinkan kami pergi, Tuhan menamatkan usia semua anak sulung di Tanah Mesir, daripada anak sulung manusia sampai anak sulung haiwan. Itulah sebabnya aku mempersembahkan kepada Tuhan semua binatang jantan yang lahir pertama daripada rahim, sedangkan semua anak sulung antara anak lelakiku pun kutebus.' ¹⁶ Hal itu harus menjadi tanda pada tanganmu dan menjadi lambang di dahimu, kerana dengan kekuatan

tangan-Nya Tuhan telah membawa kita keluar dari Mesir.”

Tiang awan dan tiang api

¹⁷ Setelah Firaun mengizinkan bangsa itu pergi, Allah tidak memimpin mereka melalui jalan ke negeri orang Filistin meskipun itu jalan terdekat, kerana Allah berfirman, “Jangan-jangan bangsa ini menyesal apabila mereka menghadapi peperangan, lalu kembali ke Mesir.” ¹⁸ Jadi, Allah membawa bangsa itu berputar melalui jalan di gurun yang menuju ke Laut Merah. Orang Israel keluar dari Tanah Mesir dengan bersenjata lengkap.

¹⁹ Musa membawa tulang-tulang Yusuf, kerana Yusuf telah meminta orang Israel sungguh-sungguh bersumpah, katanya, “Allah pasti akan memperhatikan kamu. Pada waktu itu kamu harus membawa tulang-tulangku dari sini.”

²⁰ Mereka berangkat dari Sukot lalu berkhemah di Etam, di tepi gurun. ²¹ Tuhan hadir di hadapan mereka. Pada siang hari Dia memimpin mereka dalam perjalanan dengan tiang awan, dan pada malam hari Dia menerangi mereka dengan tiang api, sehingga mereka dapat berjalan tidak kira pada hari siang ataupun malam. ²² Pada siang

harinya tiang awan tidak berganjak dari hadapan umat itu, demikian pula dengan tiang api pada malam harinya.

Menyeberangi Laut Merah

14 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Suruhlah orang Israel berpatah balik dan berkhemah di hadapan Pi-Hahiroth, di antara Migdol dengan laut. Mereka harus berkhemah di tepi laut, di hadapan Baal-Zefon. ³ Firaun akan berkata, ‘Tentu orang Israel sudah tersesat di negeri ini. Gurun mengurung mereka.’ ⁴ Aku akan mengeraskan hati Firaun sehingga dia mengejar mereka. Kemuliaan-Ku akan dinyatakan melalui Firaun dan seluruh pasukannya, sehingga warga Mesir tahu bahwa Akulah Tuhan.” Maka orang Israel pun melaksanakan hal itu.

⁵ Ketika dikhabarkan kepada raja Mesir bahawa bangsa itu sudah lari, maka berubahlah fikiran Firaun dan para pegawainya terhadap bangsa itu. Mereka berkata, “Apakah yang telah kita lakukan ini? Kita melepaskan orang Israel daripada perhambaan kita!” ⁶ Lalu dia mempersiapkan segala ratanya dan membawa pasukannya bersama-samanya. ⁷ Dia membawa enam ratus rata pilihan serta kesemua rata yang ada di Mesir, lengkap dengan para perwira yang mengepalai kesemuanya. ⁸ Tuhan mengeraskan

hati Firaun, raja Mesir, sehingga dia mengejar orang Israel. Sementara itu orang Israel bergerak dengan semangat yang tinggi. ⁹ Orang Mesir mengejar mereka dengan semua kuda dan rata Firaun, dan dengan pasukan tentera berkuda. Mereka hendak menyusul orang Israel yang sedang berkhemah di tepi laut, dekat Pi-Hahiroth, berhadapan dengan Baal-Zefon.

¹⁰ Ketika Firaun sudah dekat dan orang Israel melayangkan pandang mereka, kelihatanlah betapa warga Mesir bergerak menyusul mereka. Maka orang Israel menjadi sangat ketakutan, lalu mereka berseru kepada Tuhan. ¹¹ Kata mereka kepada Musa, “Apakah kerana tidak ada kuburan di Mesir maka engkau membawa kami pergi untuk mati di gurun ini? Apakah yang kaulakukan ini terhadap kami dengan membawa kami keluar dari Mesir? ¹² Bukankah di Mesir telah kami katakan kepadamu, ‘Jangan ganggu kami, biarlah kami menghambakan diri kepada warga Mesir’? Lebih baik kami menjadi hamba kepada orang Mesir daripada mati di gurun ini.”

¹³ Lalu kata Musa kepada bangsa itu, “Jangan takut. Tetaplah berdiri dan lihatlah penyelamatan daripada Tuhan yang akan diberikan-Nya kepadamu pada hari ini, kerana selepas ini, warga Mesir yang kamu lihat kini tidak akan kamu lihat lagi buat selama-lamanya. ¹⁴ Tuhan

akan berperang untuk kamu, dan kamu hanya perlu berdiam sahaja.”

¹⁵ Firman Tuhan kepada Musa, “Mengapakah engkau berseru kepada-Ku? Suruhlah orang Israel mara ke hadapan. ¹⁶ Kemudian engkau, angkatlah tongkatmu, hurlurkanlah tanganmu ke atas laut dan belahlah airnya, sehingga orang Israel dapat berjalan di tempat yang kering di tengah laut.

¹⁷ Sementara Aku akan mengeraskan hati orang Mesir sehingga mereka akan bergerak mengikuti orang Israel. Kemuliaan-Ku akan dinyatakan kepada Firaun dan seluruh pasukannya, atas segala ratanya dan pasukan berkudanya. ¹⁸ Orang Mesir akan mengetahui bahawa Akulah Tuhan pada waktu kemuliaan-Ku dinyatakan kepada Firaun, segala ratanya, dan pasukan berkudanya.”

¹⁹ Kemudian malaikat Allah, yang sebelumnya berjalan di depan pasukan Israel, berpindah ke belakang mereka. Tiang awan itu bergerak dari depan mereka lalu berdiri di belakang mereka, ²⁰ di antara pasukan Mesir dengan pasukan Israel. Awan itu menimbulkan kegelapan di satu sisi dan cahaya di sisi yang lain pada malam hari, sehingga semalaman itu, pasukan Mesir tidak dapat menghampiri pasukan orang Israel.

²¹ Kemudian Musa menghulurkan tangannya ke atas laut, dan Tuhan menguakkan laut dengan angin timur yang keras semalaman-malaman itu,

sehingga membuat dasar laut untuk menjadi tanah yang kering. Air pun terbelah. ²² Lalu masuklah orang Israel ke tengah laut dengan berjalan di tanah yang kering, sementara air itu menjadi seperti tembok di sebelah kanan dan kiri mereka. ²³ Warga Mesir mengejar dan mengikuti mereka ke tengah laut – semua kuda Firaun, ratanya, dan pasukan berkudanya. ²⁴ Menjelang pagi, Tuhan menatap pasukan orang Mesir dari dalam tiang api dan awan, lalu mengacau pasukan warga Mesir itu. ²⁵ Dia melepaskan roda-roda rata mereka sehingga berat untuk dikemudikan. Kata orang Mesir, “Mari kita lari daripada orang Israel kerana ternyata memang Tuhan yang berperang melawan Mesir untuk mereka.”

²⁶ Firman Tuhan kepada Musa, “Hulurkanlah tanganmu ke atas laut supaya air berbalik melanda orang Mesir, segala rata mereka, dan pasukan berkuda mereka.” ²⁷ Musa pun menghulurkan tangannya ke atas laut, lalu pada waktu fajar terbit kembalilah air laut ke tempatnya seperti sediakala, sementara orang Mesir berlari ke arah air itu. Demikianlah Tuhan menghempaskan orang Mesir di tengah laut. ²⁸ Air itu kembali lalu menutupi segala rata dan

pasukan berkuda, iaitu seluruh pasukan Firaun yang mengikuti orang Israel masuk ke laut. Tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang terselamat. ²⁹ Sebaliknya, orang Israel berjalan di tanah yang kering di tengah laut, dan air itu menjadi seperti tembok di sebelah kanan dan kiri mereka.

³⁰ Demikianlah Tuhan menyelamatkan orang Israel daripada tangan warga Mesir pada hari itu. Orang Israel melihat warga Mesir mati terdampar di pantai laut. ³¹ Ketika orang Israel melihat betapa besarnya kuasa yang ditunjukkan Tuhan terhadap orang Mesir, maka takutlah umat itu kepada Tuhan. Mereka pun percaya kepada Tuhan dan kepada Musa, hamba-Nya.

Nyanyian kemenangan Musa dan orang Israel

15 ¹ Maka Musa dan orang Israel memanjatkan nyanyian ini bagi Tuhan. Demikianlah bunyinya,

“Akan kupanjatkan nyanyian kepada Tuhan
kerana Dia amat termulia,
kuda dan penunggangnya dicampakkan-Nya ke
dalam laut.

² Tuhan itu kekuatanku dan puji-pujianku,
Dia menjadi penyelamatanku.

Dialah Allahku, aku bernyanyi memuji Dia,
Dia Allah ayahku, aku akan meninggikan Dia.

³ Tuhan itu pejuang,
Tuhan, itulah nama-Nya.

⁴ Rata Firaun dan pasukannya dibuang-Nya ke
dalam laut.

Para ketua tentera pilihannya pun dibenamkan
ke dalam Laut Merah.

⁵ Samudera meliputi mereka,
seperti batu, mereka tenggelam ke dasar air.

⁶ Tangan kanan-Mu, ya Tuhan, mulia dalam
kekuatan,

tangan kanan-Mu, ya Tuhan,
menghancurleburkan musuh.

⁷ Dengan keagungan-Mu yang cemerlang
Engkau menjatuhkan orang yang bangkit
melawan Engkau.

Engkau melepaskan murka-Mu yang
menyala-nyala,
yang memakan habis mereka seperti tunggul
jerami.

⁸ Dengan hembusan nafas-Mu sendiri,
bertimbun-timbunlah air.

Membumbunglah air berdiri tegak bagaikan
longgokan, sedangkan air di dasarnya
membeku di pusat laut.

⁹ Kata musuh, 'Aku mahu mengejar,

aku mahu menyusul, aku mahu membahagi-
bahagikan hasil jarahan.

Aku akan memuaskan nafsuku terhadap
mereka dan aku mahu menghunus
pedangku.

Tanganku akan membinasakan mereka!

¹⁰ Engkau meniup dengan angin-Mu,
dan laut pun meliputi mereka.

Mereka tenggelam seperti perum
dalam kehebatan kuasa air itu.

¹¹ Siapakah seperti Engkau di antara tuhan, ya
Tuhan

Siapakah seperti Engkau,
mulia dalam kesucian,
mengerikan dalam puji-pujian,
wahai Engkau pembuat keajaiban?

¹² Engkau menghulurkan tangan-Mu,
maka bumi pun menelan mereka.

¹³ Dengan kasih abadi-Mu Engkau memimpin
umat yang telah Kautebus.

Dengan kekuatan-Mu Engkau membimbing
mereka

ke tempat kediaman-Mu yang suci.

¹⁴ Bangsa-bangsa mendengarnya dan gementar,
tusukan perasaan mencekam penduduk Tanah
Filistin.

¹⁵ Pada waktu itu para ketua kaum Edom
tergoncang,

kegentaran mencekam orang yang berkuasa di Moab,

seluruh penduduk Kanaan cemas.

¹⁶ Kengerian dan ketakutan melanda mereka.

Kerana kebesaran kuasa-Mu, mereka membisu seperti batu,

sampai umat-Mu menyeberang, ya Tuhan, sampai selesai penyeberangan umat yang Kauperoleh itu.

¹⁷ Engkau akan membawa mereka masuk dan meletakkan mereka di gunung warisan pusaka-Mu,

di tempat yang Kaujadikan tempat tinggal-Mu, ya Tuhan,

di tempat suci yang telah didirikan oleh tangan-Mu, ya Tuhan.

¹⁸ Tuhan bertakhta untuk seterusnya dan selama-lamanya.”

¹⁹ Ketika kuda-kuda Firaun, segala ratanya, dan pasukan berkudanya telah masuk ke laut, Tuhan membalikkan air laut ke atas mereka sedangkan orang Israel berjalan di tanah yang kering di tengah laut itu.

²⁰ Kemudian Miryam, seorang nabiah yang juga saudara Harun, mengambil rebana, lalu semua perempuan keluar mengikutinya sambil memukul rebana dan menari-nari. ²¹ Miryam menyanyi berbalas-balasan dengan mereka,

“Akan kupanjatkan nyanyian kepada Tuhan kerana Dia amat termulia, kuda dan penunggangnya dicampakkan-Nya ke dalam laut.”

Air yang pahit dijadikan manis

²² Setelah itu, Musa memimpin orang Israel mara dari Laut Merah, lalu mereka memasuki Gurun Syur. Selama tiga hari mereka berjalan di gurun itu tanpa mendapat air. ²³ Kemudian sampailah mereka di Mara, tetapi air di Mara tidak dapat diminum mereka kerana rasanya pahit. Itulah sebabnya tempat itu dinamai Mara. ²⁴ Maka bersungut-sungutlah umat itu kepada Musa. Kata mereka, “Apakah yang akan kami minum?” ²⁵ Musa berseru kepada Tuhan, lalu Tuhan menunjukkan kepadanya sebatang pokok kayu. Musa melemparkan kayu itu ke dalam air, lalu air itu menjadi manis.

Di sanalah Tuhan memberikan ketetapan dan peraturan kepada mereka dan di sanalah Dia menguji mereka. ²⁶ Firman-Nya, “Jika kamu sungguh-sungguh mendengar suara Tuhan, Allahmu, melakukan apa yang benar di mata-Nya, memasang telinga kepada segala perintah-Nya, dan berpegang teguh pada segala ketetapan-Nya, maka Aku tidak akan mendatangkan atasmu penyakit yang telah

Kubebankan ke atas warga Mesir, kerana Akulah Tuhan, yang menyembuhkan kamu.”

²⁷ Maka sampailah mereka di Elim. Di sana ada dua belas buah mata air dan tujuh puluh batang pokok kurma. Mereka pun berkhemah di sana, berdekatan dengan air itu.

Manna dan burung puyuh dari langit

16 ¹ Seluruh jemaah Israel berangkat dari Elim, lalu sampailah mereka di Gurun Sin yang terletak di antara Elim dengan Gunung Sinai, tepat pada hari kelima belas dalam bulan kedua sejak mereka keluar dari Tanah Mesir. ² Akan tetapi, seluruh jemaah Israel bersungut-sungut terhadap Musa dan Harun di gurun itu. ³ Kata orang Israel kepada mereka, “Ah, kalaulah dahulu kami mati di tangan Tuhan di Tanah Mesir ketika kami duduk menghadapi kualiti berisi daging dan makan roti sampai kenyang! Tetapi kamu pula membawa kami keluar ke gurun ini untuk membunuh seluruh jemaah ini dengan kelaparan.”

⁴ Kemudian berfirmanlah Tuhan kepada Musa, “Sesungguhnya, Aku akan menghujani kamu dengan roti dari langit. Tiap-tiap hari bangsa itu harus keluar untuk memungut keperluan

satu hari secukupnya. Dengan demikian, Aku dapat menguji sama ada mereka mahu hidup menurut hukum-Ku. ⁵ Pada hari keenam mereka harus memungut dua kali lipat ganda banyaknya daripada yang biasa dipungut mereka setiap hari, lalu memasak apa yang dibawa pulang oleh mereka.”

⁶ Musa dan Harun pun berkata kepada seluruh orang Israel, “Petang ini kamu akan tahu bahawa Tuhan sajalah yang sudah membawa kamu keluar dari Tanah Mesir, ⁷ dan esok pagi kamu akan melihat kemuliaan Tuhan, kerana Dia mendengar segala rungutanmu kepada Tuhan. Sebab, siapakah kami ini sehingga kamu bersungut-sungut terhadap kami?” ⁸ Kata Musa lagi, “Tuhan akan memberi kamu makan daging pada petang hari, dan roti pada pagi hari sampai kamu kenyang, kerana Tuhan mendengar segala rungutan yang kamu tujukan kepada-Nya. Siapakah kami ini? Sesungguhnya, kamu bukannya bersungut-sungut kepada kami, tetapi kepada Tuhan.”

⁹ Kemudian Musa berkata kepada Harun, “Katakanlah kepada seluruh jemaah Israel, ‘Marilah mendekati hadirat Tuhan, kerana Dia telah mendengar rungutanmu.’” ¹⁰ Sewaktu Harun sedang berbicara kepada seluruh jemaah Israel, mereka berpaling ke arah gurun. Tiba-tiba

terpaparlah kemuliaan Tuhan dalam awan.

¹¹ Lalu Tuhan berfirman kepada Musa, ¹² “Aku telah mendengar segala rungutan orang Israel. Katakanlah kepada mereka demikian, ‘Pada waktu senja kamu akan makan daging dan pada waktu pagi kamu akan kenyang dengan roti. Maka dengan itu kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan, Allahmu.’”

¹³ Pada petang hari itu datanglah burung-burung puyuh menutupi perkhemahan, dan pada pagi hari terdapat embun di sekeliling perkhemahan. ¹⁴ Setelah embun itu mengewap, kelihatanlah benda-benda tipis berkelopak seperti sisik bagaikan embun beku halus di atas tanah permukaan gurun itu. ¹⁵ Ketika orang Israel melihatnya, berkatalah mereka sesama diri, “Apakah ini?” kerana mereka tidak tahu apa benda itu.

Kata Musa kepada mereka, “Inilah roti yang dikurniakan Tuhan kepadamu sebagai makanan. ¹⁶ Beginilah perintah Tuhan, ‘Pungutlah makanan itu, masing-masing sebanyak yang dapat kamu makan. Ambillah satu omer^w untuk tiap-tiap kepala, selaras dengan jumlah jiwa yang ada di dalam khemah masing-masing.’”

^w**16:16** Satu omer ialah unit ukuran kira-kira 2 liter.

16:15: 1Kor 10:3.

¹⁷ Demikianlah yang dilakukan orang Israel. Masing-masing memungutnya, ada yang banyak, ada yang sedikit. ¹⁸ Ketika mereka mengukurnya dengan omer, ternyata orang yang memungut banyak tidak berlebihan, dan orang yang memungut sedikit tidak kekurangan. Masing-masing memungut sebanyak yang dapat dimakannya. ¹⁹ Kata Musa kepada mereka, “Tiada seorang pun boleh meninggalkan sisa sampai pagi.” ²⁰ Tetapi ada beberapa orang yang tidak menghiraukan peringatan Musa. Mereka meninggalkan sisa sampai pagi hari, lalu sisa itu berulat dan berbau busuk. Maka marahlah Musa kepada mereka. ²¹ Pagi demi pagi mereka memungutnya, masing-masing sebanyak yang dapat dimakan mereka. Namun begitu setelah ada panas matahari, cairlah makanan itu.

²² Pada hari keenam mereka memungut roti itu dua kali ganda banyaknya, dua cupak untuk setiap orang. Kemudian datanglah semua pemimpin jemaah memberitahu Musa. ²³ Kata Musa kepada mereka, “Inilah yang telah difirmankan Tuhan, ‘Esok ialah hari istirahat penuh takzim, Sabat yang suci bagi Tuhan, sebab itu bakarlah apa yang perlu kamu bakar dan rebuslah apa yang perlu kamu rebus.

Yang selebihnya hidang dan simpanlah sampai pagi.”²⁴ Mereka menyimpannya sampai pagi sebagaimana yang diperintahkan Musa, tetapi roti itu tidak berbau busuk dan tidak berulat di dalamnya.²⁵ Kata Musa, “Makanlah itu pada hari ini, kerana hari ini ialah hari Sabat bagi Tuhan, dan kamu tidak akan mendapatinya di padang.²⁶ Selama enam hari kamu harus memungutnya, tetapi pada hari ketujuh, iaitu hari Sabat, tidak akan ada makanan itu.”

²⁷ Pada hari ketujuh, beberapa orang daripada bangsa itu keluar untuk memungutnya, tetapi mereka tidak mendapatinya.²⁸ Lalu berfirmanlah Tuhan dengan perantaraan Musa, “Berapa lama lagikah kamu enggan mentaati perintah-Ku dan hukum-Ku?²⁹ Ingatlah bahawa Tuhan telah mengurniakan hari Sabat kepadamu. Oleh sebab itu pada hari keenam Dia memberimu roti untuk dua hari. Pada hari ketujuh masing-masing harus tinggal di tempatnya, tiada seorang pun boleh keluar dari tempatnya.”³⁰ Demikianlah bangsa itu beristirahat pada hari ketujuh.

³¹ Keturunan kaum Israel menamai roti itu manna. Besarnya seperti ketumbar, warnanya putih, dan rasanya seperti kuih bercampur madu.³² Musa berkata, “Inilah yang diperintahkan

oleh Tuhan, ‘Ambillah satu omer penuh untuk disimpan bagi keturunanmu, supaya mereka dapat melihat roti yang Kuberikan kepadamu untuk dimakan di gurun, setelah Aku membawa kamu keluar dari Tanah Mesir.’³³ Kemudian Musa berkata kepada Harun, “Ambillah sebuah kendi, letakkan satu omer penuh manna di dalamnya, lalu letakkanlah di hadapan Tuhan untuk disimpan bagi keturunanmu.”³⁴ Maka seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa, Harun pun menempatkan kendi itu di hadapan tabut loh hukum untuk disimpan.³⁵ Empat puluh tahun lamanya orang Israel makan manna itu, sampai mereka tiba di negeri yang berpenduduk. Dimakanlah mereka manna itu sampai tiba di perbatasan Tanah Kanaan.³⁶ Satu omer ialah sepersepuluh efa.

Air di Masa dan di Meriba

17¹ Kemudian seluruh jemaah Israel berangkat dari Gurun Sin lalu tahap demi tahap mereka meneruskan perjalanan mereka sebagaimana yang difirmankan oleh Tuhan. Mereka berkhemah di Rafidim, tetapi di sana tidak ada air untuk diminum oleh umat itu.² Lalu berbantahlah bangsa itu dengan Musa, kata

mereka, “Berilah kami air supaya kami dapat minum.”

Kata Musa kepada mereka, “Mengapakah kamu berbantah dengan aku? Mengapakah kamu mencubai Tuhan?”

³ Tetapi umat itu kehausan di sana dan ingin minum. Maka mereka merungut-rungut kepada Musa dan berkata, “Mengapakah engkau memimpin kami keluar dari Mesir? Hanya untuk membunuh kami, anak-anak kami, dan ternakan kami dengan kehausan?”

⁴ Maka berserulah Musa kepada Tuhan, katanya, “Apakah yang harus kulakukan terhadap umat ini? Mereka sudah hampir-hampir mahu merejam aku.”

⁵ Firman Tuhan kepada Musa, “Berjalanlah di depan umat itu dan bawalah beberapa orang tua-tua Israel. Bawalah di tanganmu tongkatmu yang kamu gunakan untuk memukul Sungai Nil dahulu, dan pergilah. ⁶ Aku akan hadir di hadapanmu di atas batu pejal di Horeb. Pukullah batu pejal itu, maka air akan keluar dari dalamnya sehingga bangsa itu dapat minum.” Lalu Musa melaksanakan hal itu di hadapan mata para tua-tua Israel.

⁷ Dinamainya tempat itu Masa dan Meriba, kerana di sana orang Israel berbantah-bantah

dan mencubai Tuhan dengan berkata, “Hadirkah Tuhan dalam kalangan kita atau tidak?”

Orang Israel menewaskan orang Amalek

⁸ Kemudian datanglah orang Amalek dan berperang melawan orang Israel di Rafidim. ⁹ Kata Musa kepada Yosua, “Pilihlah bagi kita beberapa orang, lalu keluarlah berperang melawan orang Amalek. Esok aku akan berdiri di atas puncak bukit itu dengan tongkat Allah di tanganku.” ¹⁰ Yosua pun melaksanakan apa yang dikatakan Musa kepadanya dan memerangi orang Amalek. Sementara itu Musa, Harun, dan Hur naik ke puncak bukit. ¹¹ Lalu inilah yang terjadi: apabila Musa mengangkat tangannya, orang Israel menang, namun apabila dia menurunkan tangannya, orang Amalek menang. ¹² Akan tetapi, lama-kelamaan tangan Musa menjadi letih. Oleh sebab itu, mereka mengambil sebuah batu dan meletakkannya berdekatan dengan Musa supaya dia dapat duduk di atasnya. Kemudian Harun dan Hur menopang tangan Musa, seorang di sisi yang satu dan seorang lagi di sisi yang satu lagi, sehingga tangannya tetap terangkat sampai terbenamnya matahari. ¹³ Maka Yosua melumpuhkan Amalek dan pasukannya dengan mata pedang.

¹⁴ Tuhan berfirman kepada Musa, “Tulislah hal ini dalam kitab sebagai peringatan, dan sampaikan kepada Yosua bahawa Aku akan menghapuskan segala kenangan tentang orang Amalek dari bawah kolong langit.” ¹⁵ Maka Musa membina sebuah mazbah, iaitu tempat pembakaran korban, dan menamainya “Tuhan itu panjiku”, ¹⁶ kerana katanya, “Tangan terangkat ke arah takhta Tuhan, dan Tuhan berperang melawan Amalek turun-temurun.”

Musa dinasihati mertuanya, Yitro

18 ¹ Mertua Musa iaitu Yitro, imam di Midian, mendengar tentang semua pekerjaan Allah terhadap Musa dan terhadap Israel, umat-Nya, iaitu bahawa Tuhan telah membawa orang Israel keluar dari Mesir. ² Kemudian Yitro, mertua Musa itu, membawa Zipora, isteri Musa, yang sebelum itu disuruh Musa pulang, ³ serta dua orang anak lelaki Zipora. Anak yang seorang bernama Gersom, kerana kata Musa, “Aku telah menjadi pendatang di negeri asing,” ⁴ dan yang seorang lagi bernama Eliezer, kerana katanya, “Allah ayahku ialah penolongku. Dia telah menyelamatkan aku

17:14: Ul 25:17-19; 1Sam 15:2-9. **18:2:** Kel 2:21,22.

18:3: Kis 7:29.

daripada pedang Firaun.”⁵ Akhirnya sampailah Yitro mertua Musa beserta anak-anak dan isteri Musa di gurun, tempat Musa berkhemah dekat dengan gunung Allah itu.⁶ Diutusnya orang untuk menyampaikan berita kepada Musa, “Aku, mertuamu Yitro, datang mengunjungimu bersama-sama isterimu serta kedua-dua orang anaknya.”⁷ Maka keluarlah Musa untuk menemui mertuanya lalu dia sujud memberi hormat kepadanya dan menciumnya. Mereka saling bertanya akan keadaan satu sama lain lalu masuk ke dalam khemah.⁸ Musa menceritakan kepada mertuanya semua yang dilakukan Tuhan terhadap Firaun dan warga Mesir demi orang Israel, dan juga segala kesusahan yang dialami mereka ketika dalam perjalanan serta bagaimana Tuhan menyelamatkan mereka.⁹ Maka bersukacitalah Yitro mendengar segala kebaikan yang dilakukan Tuhan terhadap orang Israel dengan menyelamatkan mereka daripada tangan warga Mesir.¹⁰ Kata Yitro, “Segala puji-pujian bagi Tuhan yang telah menyelamatkan kamu daripada tangan warga Mesir serta daripada tangan Firaun, dan yang telah menyelamatkan bangsa ini daripada tangan warga Mesir.¹¹ Sekarang aku tahu bahawa Tuhan lebih besar daripada semua tuhan, kerana hal ini dilakukan-Nya terhadap orang yang bersikap

angkuh terhadap orang Israel.”¹² Lalu Yitro, mertua Musa, mempersembahkan korban bakaran dan beberapa korban sembelihan kepada Allah. Kemudian Harun dan semua tua-tua Israel datang untuk makan roti dengan mertua Musa di hadirat Allah.

Pelantikan hakim

¹³ Keesokan harinya, Musa duduk menjadi hakim atas umat itu. Mereka itu berdiri di hadapan Musa dari pagi hingga petang.¹⁴ Ketika mertua Musa melihat semua pekerjaan Musa atas umat itu, berkatalah dia, “Apakah yang kaulakukan terhadap umat ini? Mengapakah engkau sendiri sahaja yang menjadi hakim sementara seluruh umat itu berdiri di hadapanmu dari pagi sampai petang?”

¹⁵ Jawab Musa kepada mertuanya, “Sebabnya bangsa ini datang kepadaku untuk mencari petunjuk Allah.¹⁶ Jika ada suatu perkara antara mereka, maka mereka datang kepadaku dan aku menjadi hakim antara seorang dengan sesamanya. Aku menyampaikan kepada mereka segala ketetapan dan hukum Allah.”

¹⁷ Lalu kata mertua Musa kepadanya, “Apa yang kamu lakukan ini tidak baik.¹⁸ Sebab dengan cara itu, kamu dan juga umat yang berserta denganmu ini akan menjadi sangat

penat. Pekerjaan ini terlalu berat bagimu dan engkau tidak dapat mengerjakannya seorang diri. ¹⁹ Sekarang, dengarlah kata-kataku. Aku mahu memberikan nasihat kepadamu dan semoga Allah menyertai kamu. Kamu harus menghadap Allah mewakili umat itu serta menyampaikan perkara-perkara mereka kepada Allah. ²⁰ Ajarlah mereka ketetapan-ketetapan serta hukum-hukum, dan beritahu mereka cara hidup yang patut dijalani mereka serta pekerjaan yang patut dilakukan mereka. ²¹ Selain itu, carilah dalam kalangan seluruh umat itu beberapa orang yang berkebolehan lagi takut kepada Allah, orang yang boleh dipercayai dan amanah iaitu tidak dapat disuap. Lantiklah mereka untuk menjadi pemimpin bagi seribu orang, pemimpin seratus orang, pemimpin lima puluh orang, dan pemimpin sepuluh orang. ²² Biarkanlah mereka menjadi hakim atas umat itu pada waktu-waktu yang telah ditetapkan. Semua perkara yang besar-besar hendaklah dibawa mereka kepadamu, tetapi semua perkara yang kecil-kecil hendaklah diadili sendiri oleh mereka. Dengan demikian, akan ringanlah pekerjaanmu manakala mereka turut memikul beban untuk memimpin bersama-samamu. ²³ Jika hal itu kaulakukan dan Allah memang memerintahkannya kepadamu, maka engkau

akan sanggup menanggungnya dan seluruh umat ini juga akan pulang ke tempat mereka dengan sejahtera.”

²⁴ Musa mendengar nasihat mertuanya lalu melaksanakan semua yang dikatakannya.

²⁵ Daripada kalangan seluruh orang Israel, Musa memilih beberapa orang yang berkebolehan, dan melantik mereka untuk menjadi ketua ke atas umat itu sebagai pemimpin seribu orang, pemimpin seratus orang, pemimpin lima puluh orang, dan pemimpin sepuluh orang. ²⁶ Mereka menjadi hakim atas umat itu pada waktu-waktu yang ditetapkan. Perkara-perkara yang sukar dibawa mereka kepada Musa, tetapi mereka sendiri menghakimi perkara yang kecil-kecil.

²⁷ Kemudian Musa melepaskan mertuanya pergi, pulang ke negerinya sendiri.

Orang Israel di Gunung Sinai

19 ¹ Pada hari pertama pada bulan ketiga setelah orang Israel keluar dari Tanah Mesir, sampailah mereka di Gurun Sinai.

² Setelah berangkat dari Rafidim, mereka tiba di Gurun Sinai lalu orang Israel pun berkhemah, berhadapan dengan Gunung Sinai. ³ Maka naiklah Musa menghadap Allah.

Dan Tuhan berseru kepadanya dari gunung itu, lalu berfirman, “Beginilah harus kaukatakan

kepada keturunan kaum Yakub dan hendaklah kamu sampaikan kepada orang Israel, ⁴ ‘Kamu telah melihat apa yang Aku lakukan atas warga Mesir, dan bagaimana Aku telah mengangkat kamu seperti di atas sayap burung rajawali serta membawa kamu ke hadirat-Ku. ⁵ Sekarang, jika kamu sungguh-sungguh mematuhi-Ku dan taat memegang perjanjian-Ku dengan teguh, maka kamu akan menjadi harta-Ku yang istimewa antara segala bangsa, kerana seluruh bumi milik-Ku. ⁶ Bagi-Ku kamu akan menjadi kerajaan para imam dan bangsa suci. Firman inilah yang harus kausampaikan kepada orang Israel.”

⁷ Maka kembalilah Musa dan dipanggilnya tua-tua umat itu. Lalu dia menyampaikan kepada mereka semua firman yang Tuhan perintahkan kepadanya. ⁸ Kesemua umat itu pun menjawab bersama-sama, “Semua yang difirmankan Tuhan akan kami lakukan.” Lalu Musa menyampaikan apa yang dikatakan mereka kepada Tuhan.

⁹ Firman Tuhan kepada Musa, “Sesungguhnya, Aku akan datang kepadamu dalam awan yang tebal, supaya bangsa itu dapat mendengar apabila Aku berfirman kepadamu, dan supaya mereka akan sentiasa percaya kepadamu.”

19:5: 1Ptr 2:9. **19:5:** Ul 4:20; 7:6; 14:2; 26:18; Tit 2:14.

19:6: Why 1:6; 5:10.

Lalu Musa menyampaikan kata-kata umat itu kepada Tuhan. ¹⁰ Firman Tuhan kepada Musa, “Pergilah kepada umat itu. Sucikanlah mereka pada hari ini dan esok. Mereka harus mencuci pakaian mereka ¹¹ dan bersiap-siaplah menjelang hari ketiga, kerana pada hari ketiga itu Tuhan akan hadir di atas Gunung Sinai di hadapan mata seluruh bangsa itu. ¹² Binalah batas di sekeliling umat itu dan katakanlah kepada mereka, ‘Berhati-hatilah supaya kamu tidak naik ke gunung dan menyentuh kaki gunung itu. Sesiapa yang menyentuh gunung itu, dia pasti akan dihukum mati. ¹³ Tiada satu tangan pun boleh menyentuh orang itu, kerana dia pasti direjam atau dipanah sampai mati.’ Baik haiwan mahupun manusia tidak akan dibiarkan hidup. Apabila sangkakala berbunyi panjang, barulah mereka boleh mendekati gunung itu.”

¹⁴ Maka turunlah Musa dari gunung menemui umat itu. Dia menyucikan umat itu, dan mereka pun mencuci pakaian masing-masing. ¹⁵ Kata Musa kepada umat itu, “Bersiap sedialah menjelang hari ketiga. Jangan bersentuh dengan perempuan.”

¹⁶ Pada pagi hari ketiga berlakulah guruh, kilat, dan awan pekat muncul di atas gunung itu serta

bunyi sangkakala yang kedengaran tersangat kuat. Gementarlah seluruh umat di perkhemahan itu. ¹⁷ Musa membawa bangsa itu keluar dari perkhemahan untuk menemui Allah, lalu mereka berdiri di kaki gunung itu. ¹⁸ Gunung Sinai sepenuhnya tertutup oleh asap kerana Tuhan hadir di atasnya, di dalam api. Asapnya naik seperti asap daripada relau dan seluruh gunung itu bergetar dengan hebatnya. ¹⁹ Semakin lama, bunyi sangkakala itu semakin kuat. Lalu berbicaralah Musa, dan Allah menjawab dia dengan suara seperti guruh. ²⁰ Tuhan hadir di atas puncak Gunung Sinai, lalu Tuhan memanggil Musa naik ke puncak gunung, maka Musa pun naik. ²¹ Firman Tuhan kepada Musa, “Turunlah, berikan peringatan kepada umat itu supaya jangan menerobos batas untuk datang melihat kemuliaan Tuhan, kelak ramai daripada mereka yang musnah. ²² Hendaklah para imam yang datang menghampiri Tuhan juga menyucikan diri supaya jangan kuasa Tuhan menyambar mereka.”

²³ Kata Musa kepada Tuhan, “Umat itu tidak dapat naik ke Gunung Sinai kerana Engkau sendiri telah mengingatkan kami sedemikian, ‘Binalah batas di sekeliling gunung ini dan sucikannya.’”

²⁴ Firman Tuhan kepadanya, “Pergilah, turunlah, kemudian naiklah lagi ke mari bersama dengan Harun. Tetapi para imam dan rakyat tidak boleh

menerobos naik untuk mendekati hadirat Tuhan, supaya jangan kuasa-Nya menyambar mereka.”²⁵ Maka turunlah Musa mendapatkan umat itu dan menyampaikan hal itu kepada mereka.

Sepuluh Perintah Allah

20¹ Lalu Allah berfirman semua kata ini:
² “Akulah Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan.

³ Jangan ada padamu tuhan-tuhan lain selain Aku.

⁴ Jangan buat patung ukiran untuk dirimu atau wujudkan apa-apa pun yang ada di langit di atas, atau yang ada di bumi di bawah, atau di dalam air di bawah bumi.

⁵ Jangan sujud menyembahnya atau beribadat kepadanya, kerana Aku, Tuhan, Allahmu, Allah yang cemburu, yang membalas kesalahan ayah kepada anak-anaknya, kepada keturunan ketiga dan keempat dalam kalangan mereka yang membenci Aku. ⁶ Namun demikian, Aku menunjukkan kasih setia-Ku kepada keturunan yang keseribu dalam kalangan mereka yang

20:4: Kel 34:17; Im 19:4; 26:1; Ul 4:15-18; 27:15.

20:5: Kel 34:6,7; Bil 14:18; Ul 7:9,10.

mengasihi Aku dan yang taat berpegang teguh pada segala perintah-Ku.

⁷ Jangan gunakan nama Tuhan, Allahmu, dengan sembarangan, kerana Tuhan akan memandangi bersalah orang yang menggunakan nama-Nya dengan sembarangan.

⁸ Ingatlah hari Sabat dan jagalah kesuciannya.

⁹ Enam hari lamanya engkau harus bekerja dan melakukan segala pekerjaanmu, ¹⁰ tetapi hari ketujuh ialah hari Sabat bagi Tuhan, Allahmu.

Pada hari itu jangan melakukan pekerjaan apa-apa pun baik kamu, anak lelakimu, anak perempuanmu, hamba lelakimu, hamba perempuanmu, haiwanmu, mahupun pendatang yang ada di kotamu. ¹¹ Kerana enam hari lamanya Tuhan menjadikan langit dan bumi, laut dan segala isinya, lalu Dia beristirahat pada hari ketujuh. Itulah sebabnya Tuhan memberkati hari Sabat dan menjadikannya suci.

¹² Hormatilah ibu bapamu, supaya lanjut usiamu di bumi yang Tuhan, Allahmu, kurniakan kepadamu.

20:7: Im 19:12. **20:8:** Kel 16:23-30; 31:12-14.

20:9: Kel 23:12; 31:15; 34:21; 35:2; Im 23:3.

20:11: Kej 2:1-3; Kel 31:17. **20:12: a:** Ul 27:16; Mat 15:4; 19:19; Mrk 7:10; 10:19; Luk 18:20; Ef 6:2; **b:** Ef 6:3.

¹³ Jangan membunuh.

¹⁴ Jangan berzina.

¹⁵ Jangan mencuri.

¹⁶ Jangan memberi kesaksian palsu terhadap sesamamu.

¹⁷ Jangan mendambakan rumah jiranmu.

Jangan ingini isteri jiranmu, hambanya baik yang lelaki mahupun yang perempuan, lembunya, keldainya, atau apa-apa pun yang dimiliki oleh sesamamu.”

Orang Israel takut menghadapi kedatangan Allah

¹⁸ Seluruh umat itu menyaksikan guruh dan kilat, bunyi sangkakala, dan gunung yang berasap. Maka gementarlah mereka dalam ketakutan lalu berdiri jauh-jauh. ¹⁹ Kata mereka kepada Musa, “Engkau sajalah yang berbicara kepada kami, kami akan mendengar kata-katamu, tetapi janganlah Allah yang berbicara kepada kami, nanti kami mati.”

20:13: Kej 9:6; Im 24:17; Mat 5:21; 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20; Rm 13:9; Yak 2:11.

20:14: Im 20:10; Mat 5:27; 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20; Rm 13:9; Yak 2:11. **20:15:** Im 19:11; Mat 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20; Rm 13:9.

20:16: Kel 23:1; Mat 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20.

20:17: Rm 7:7; 13:9. **20:18:** Ibr 12:18,19.

²⁰ Kata Musa kepada umat itu, “Jangan takut, kerana Allah telah datang untuk menguji kamu supaya kamu sentiasa takut kepada-Nya lantas kamu tidak berbuat dosa.” ²¹ Umat itu berdiri jauh-jauh, tetapi Musa menghampiri kepekatan yang menyelubungi hadirat Allah.

Peraturan tentang mazbah

²² Tuhan berfirman kepada Musa, “Beginilah harus kamu katakan kepada orang Israel, ‘Kamu telah menyaksikan bahawa Aku berfirman kepadamu dari langit. ²³ Jangan buat sesuatu yang menduakan Aku. Jangan buat untuk dirimu tuhan-tuhan perak ataupun tuhan-tuhan emas, ²⁴ tetapi buatlah bagi-Ku suatu mazbah daripada tanah, lalu persembahkanlah di atasnya korban bakaranmu dan korban kedamaianmu, iaitu domba dan lembumu. Di setiap tempat yang Kujadikan nama-Ku diingat, di situlah Aku akan datang kepadamu dan memberkati kamu. ²⁵ Jika kamu hendak membuat suatu mazbah daripada batu bagi-Ku, janganlah membangunkannya daripada batu yang dipahat, kerana jika kamu mengenakan pahatmu padanya maka kamu menjajiskannya. ²⁶ Jangan naik tangga ke

mazbah-Ku, supaya jangan terselak auratmu di atasnya.

Peraturan tentang hamba berbangsa Ibrani

21 ¹ Inilah peraturan-peraturan yang harus kamu sampaikan kepada mereka. ² Jika engkau membeli seorang hamba bangsa Ibrani, dia hanya boleh berkhidmat denganmu selama enam tahun sahaja. Pada tahun ketujuh, dia hendaklah keluar sebagai orang bebas tanpa dikenakan tuntutan. ³ Jika datangnya seorang diri, maka dia harus keluar seorang diri juga. Jika dia telah mempunyai isteri, maka isterinya harus keluar juga bersama-samanya. ⁴ Jika tuannya memberinya seorang isteri dan perempuan itu melahirkan anak lelaki atau perempuan untuknya, maka isterinya itu dengan anak-anaknya tetap menjadi milik tuannya. Hamba itu harus keluar seorang diri. ⁵ Tetapi jika hamba itu berkata dengan sejas-jelasnya demikian, "Aku mengasihi tuanku, serta isteriku dan anakku. Aku tidak mahu keluar sebagai orang bebas," ⁶ maka tuannya harus membawanya ke hadapan Allah, kemudian membawanya ke pintu atau ke tiang pintu untuk menindik telinganya

dengan penindik. Maka, dengan itu, dia akan menjadi hamba tuannya seumur hidup.

⁷ Jika seseorang menjual anak perempuannya sebagai hamba, maka hamba perempuan itu tidak boleh keluar dan bebas seperti hamba lelaki. ⁸ Jika perempuan itu tidak disukai oleh tuannya yang telah memilihnya untuk dirinya, maka dia harus mengizinkan perempuan itu ditebus semula. Dia tidak berhak menjualnya kepada bangsa asing, kerana dia tidak menepati janjinya kepada perempuan itu.

⁹ Jika dia memilih perempuan itu untuk anak lelakinya, dia harus melayaninya sebagaimana seharusnya anak perempuan dilayan. ¹⁰ Jika dia memperisteri perempuan lain, maka dia tidak boleh mengurangi makanan bagi perempuan itu, pakaiannya, dan juga nafkah batinnya. ¹¹ Jika dia tidak memenuhi ketiga-tiga hal itu, maka perempuan itu boleh keluar dengan bebas tanpa dikenakan tuntutan.

Peraturan tentang kecederaan

¹² Sesiapa yang memukul orang hingga mati, dia pasti dihukum mati. ¹³ Meskipun begitu, jika pembunuhan itu tidak disengajakan dan Allah

21:12: Im 24:17.

21:13: Bil 35:10-34; Ul 19:1-13; Yos 20:1-9.

membiarkan tangannya berbuat demikian, maka Aku akan menentukan bagimu suatu tempat ke mana dia dapat lari. ¹⁴ Jika seseorang berbuat zalim kepada sesamanya dan membunuhnya dengan tipu muslihat, maka engkau harus mengambil orang itu dari mazbah atau tempat pembakaran korban-Ku dan menjalankan hukuman mati atasnya.

¹⁵ Sesiapa yang memukul ayahnya atau ibunya, dia pasti dihukum mati.

¹⁶ Sesiapa yang menculik seseorang, sama ada orang itu sudah dijualnya atau masih dalam tangannya, dia pasti dihukum mati.

¹⁷ Sesiapa yang mengutuk ayahnya atau ibunya, dia pasti dihukum mati.

¹⁸ Jika ada orang bertengkar lalu salah seorang memukul yang lain dengan batu atau penumbuknya, dan mangsa itu tidak mati tetapi perlu terbaring di tempat tidur ¹⁹ serta kemudian dapat bangkit dan berjalan lagi di luar dengan memakai tongkat, maka orang yang memukulnya itu bebas daripada kesalahan. Dia hanya perlu mengganti kerugian orang itu kerana orang itu harus berhenti bekerja, dan dia harus menanggung biaya pengobatannya sampai sembuh.

²⁰ Jika seseorang memukul hambanya baik lelaki mahupun perempuan dengan tongkat hingga hamba itu mati di tangannya, dia pasti dihukum. ²¹ Tetapi jika hamba itu masih hidup satu dua hari, dia tidak akan dihukum kerana hamba itu miliknya sendiri.

²² Jika ada orang berkelahi dan tidak sengaja memukul seorang perempuan yang mengandung sehingga kandungannya itu gugur walaupun perempuan itu selamat, maka orang itu pasti didenda sebanyak yang dikenakan oleh suami perempuan itu kepadanya, dan dia harus membayarnya untuk menepati apa yang diputuskan hakim. ²³ Tetapi jika berlaku kecederaan yang parah, engkau harus membayar nyawa diganti nyawa, ²⁴ mata diganti mata, gigi diganti gigi, tangan diganti tangan, kaki diganti kaki, ²⁵ luka terbakar diganti luka terbakar, luka diganti luka, dan bilur diganti bilur.

²⁶ Jika seseorang memukul mata hamba lelakinya atau mata hamba perempuannya hingga merosakkannya, maka dia harus memerdekakan hamba itu untuk mengganti matanya itu. ²⁷ Jika dipukulnya sampai tertanggal gigi hamba lelakinya atau gigi hamba

perempuannya, maka dia harus membebaskan hamba itu untuk mengganti giginya itu.

²⁸ Jika seekor lembu menanduk seorang lelaki atau perempuan sehingga mati orang itu maka lembu itu mesti direjam dan dagingnya tidak boleh dimakan, sedangkan pemilik lembu itu bebas daripada kesalahan. ²⁹ Akan tetapi, jika lembu itu sejak dahulu memang sering menanduk dan pemiliknya tidak mahu menjaganya walaupun sudah diberikan peringatan, lalu lembu itu menanduk mati seorang lelaki atau perempuan, maka lembu itu harus direjam dan pemiliknya pun harus dihukum mati. ³⁰ Namun begitu, jika sejumlah wang tebusan ditanggungkan kepadanya, maka dia hendaklah membayar semua yang ditanggungkan kepadanya itu sebagai tebusan nyawanya. ³¹ Jika lembu itu menanduk seorang anak lelaki atau perempuan, maka peraturan itu berkuat kuasa pula atas pemiliknya. ³² Jika lembu itu menanduk seorang hamba lelaki atau hamba perempuan, maka pemiliknya harus membayar tiga puluh syikal perak kepada pemilik hamba itu, dan lembu itu hendaklah direjam.

³³ Jika seseorang membuka sebuah lubang, atau jika seseorang menggali sebuah lubang dan tidak menutupnya, lalu seekor lembu atau keldai jatuh ke dalamnya, ³⁴ maka pemilik lubang itu harus

membayar ganti rugi. Hendaklah dia membayar mengikut harga binatang itu kepada pemiliknya, dan bangkai binatang itu menjadi miliknya. ³⁵ Jika lembu seseorang melukai lembu orang lain sampai mati, maka lembu yang hidup itu harus dijual dan wangnya harus dibahagi dua. Lembu yang mati itu pun harus dibahagi dua. ³⁶ Akan tetapi, jika sudah diketahui bahawa lembu itu sejak dahulu sering menanduk, dan pemiliknya tidak mahu menjaganya, maka dia harus membayar ganti rugi penuh, lembu mengganti lembu, sedangkan bangkai itu menjadi miliknya.

Peraturan tentang harta benda

22 ¹ Jika seseorang mencuri seekor lembu atau seekor domba dan menyembelohnya atau menjualnya, maka hendaklah dia membayar ganti rugi, lima ekor lembu mengganti lembu itu dan empat ekor domba untuk mengganti domba itu. ² Jika pencuri itu didapati sedang memecah masuk lalu dia dipukul orang sampai mati, maka tiada hutang darah yang ditanggungkan kepada si pemukul. ³ Tetapi jika pembunuhan itu berlaku sesudah terbit matahari, maka si pemukul berhutang darah. Seorang pencuri harus membayar ganti rugi penuh. Jika dia tidak memiliki apa-apa, maka hendaklah dia dijual sebagai mengganti barang curiannya itu. ⁴ Jika

binatang curian itu, baik lembu, keldai, mahupun domba, didapati masih hidup di tangannya, maka hendaklah dia membayar ganti rugi dua kali ganda.

⁵ Jika seseorang menggembala ternakan di ladang atau di kebun anggur, dan ternakannya itu dibiarkan lepas sehingga memakan hasil di ladang orang lain, maka dia hendaklah memberikan hasil terbaik daripada ladangnya dan hasil terbaik daripada kebun anggurnya sendiri sebagai bayaran ganti rugi.

⁶ Jika berlaku kebakaran di ladang lalu merebak dan menyambar semak duri, sehingga timbunan gandum atau rumpun gandum yang belum dituai bahkan seluruh ladang dimakan api, maka orang yang menyalakan api itu harus membayar ganti rugi penuh.

⁷ Jika seseorang mengamanahkan wang atau barangnya untuk disimpan oleh jirannya lalu wang atau barang itu dicuri dari rumah kawan itu, maka jika si pencuri itu ditemukan, hendaklah dia membayar ganti rugi dua kali ganda. ⁸ Jika si pencuri tidak ditemui, maka tuan rumah berkenaan hendaklah dihadapkan kepada Allah untuk diperiksa sama ada dia ada memanjangkan tangannya untuk mengambil barang milik jirannya.

⁹ Dalam segala bentuk kecerobohan, sama ada berkaitan dengan lembu, keldai, domba, pakaian, atau barang apa-apa pun yang hilang, jika yang seorang berkata, “Ini milikku,” maka perkara kedua-dua orang itu harus dibawa ke hadirat Allah. Sesiapa yang dipersalahkan oleh Allah harus membayar ganti rugi dua kali ganda kepada jirannya.

¹⁰ Jika seseorang mengamanahkan jirannya untuk menjaga seekor keldai, lembu, domba, atau binatang lainnya lalu binatang itu mati, luka, atau diambil orang tanpa ada yang melihatnya, ¹¹ maka haruslah diangkat sumpah demi Tuhan antara kedua-dua orang itu untuk menentukan sama ada dia memanjangkan tangannya untuk mengambil harta milik jirannya. Sumpah itu harus diterima oleh si pemilik, dan jirannya itu tidak perlu membayar ganti rugi. ¹² Tetapi jika binatang itu benar-benar dicuri daripadanya, maka dia harus membayar ganti rugi kepada si pemilik. ¹³ Jika binatang itu benar-benar dikoyak-koyakkan oleh binatang buas, maka dia harus membawanya sebagai bukti, dan dia tidak perlu membayar ganti rugi bagi binatang yang dikoyak-koyakkan itu.

¹⁴ Jika seseorang meminjam seekor binatang daripada jirannya lalu binatang itu luka atau mati ketika pemiliknya tidak ada di situ, maka

dia harus membayar ganti rugi penuh. ¹⁵ Jika pemiliknya ada di situ, maka dia tidak perlu membayar ganti rugi. Jika binatang itu disewa, maka kerugian itu sudah termasuk dalam sewanya.

Peraturan tentang dosa yang keji

¹⁶ Jika seseorang memujuk seorang anak dara yang belum bertunangan lalu menidurinya, maka dia hendaklah membayar mas kahwin untuk memperisteri perempuan itu. ¹⁷ Jika ayah perempuan itu sama sekali menolak untuk memberikan anaknya kepadanya, maka orang itu masih perlu membayar wang senilai mas kahwin lazim bagi anak dara.

¹⁸ Jangan kamu biarkan hidup seorang perempuan yang menjadi ahli sihir.

¹⁹ Sesiapa bersetubuh dengan seekor binatang, dia wajib dihukum mati.

²⁰ Sesiapa yang mempersembahkan korban kepada mana-mana tuhan, dan bukan kepada Tuhan semata-mata, dia hendaklah dimusnahkan.

22:16: Ul 22:28,29. **22:18:** Ul 18:10,11.

22:19: Im 18:23; 20:15,16; Ul 27:21. **22:20:** Ul 17:2-7.

²¹ Jangan menindas seorang pendatang atau menganiayainya, kerana kamu pun dahulu pendatang di Tanah Mesir. ²² Jangan menindas mana-mana balu atau seseorang anak yatim. ²³ Jika engkau menindas mereka lalu mereka berseru kepada-Ku, Aku pasti akan mendengar seruan mereka. ²⁴ Murka-Ku akan menyala-nyala dan Aku akan membunuh kamu dengan pedang lalu para isterimu menjadi balu dan anak-anakmu menjadi yatim.

²⁵ Jika kamu meminjamkan wang kepada seorang daripada umat-Ku yang miskin dalam kalangan kamu, jangan menjadi seorang penagih hutang terhadap dia dan jangan kaubebankan faedah hutang itu atasnya. ²⁶ Jika kamu mengambil pakaian kawanmu sebagai gadaian, kembalikanlah pakaian itu kepadanya sebelum matahari terbenam, ²⁷ kerana hanya itulah penutup dan pakaian pada tubuhnya; dengan apakah dia akan tidur? Jadi, jika dia berseru kepada-Ku, Aku akan mendengarkannya, kerana Aku ini maha pengasih.

22:21: Kel 23:9; Im 19:33,34; Ul 24:17,18; 27:19.

22:25: Im 25:35-38; Ul 15:7-11; 23:19,20.

22:26: Ul 24:10-13.

Beberapa peraturan lain

²⁸ Jangan menghina Allah dan jangan mengutuk seorang pemimpin bangsamu.

²⁹ Jangan lalai mempersembahkan hasil tuaianmu dan hasil pemerahan anggurmu.

Yang sulung daripada anak-anak lelakimu harus kamu khususkan bagi-Ku. ³⁰ Demikian jugalah harus kamu lakukan dengan kawan-an lembu dan kawan-an dombamu. Tujuh hari lamanya anak-anak binatang itu harus tinggal dengan induknya, tetapi pada hari kelapan engkau harus mempersembahkannya kepada-Ku.

³¹ Jadilah orang yang suci bagi-Ku. Jangan kamu makan daging yang dikoyak-koyakkan oleh binatang liar. Campakkanlah daging itu kepada anjing.

Peraturan tentang tanggungjawab awam

23 ¹ “Jangan sebarkan khabar dusta. Jangan tolong orang fasiq dengan menjadi saksi yang tidak benar. ² Jangan mengikut orang ramai melakukan kejahatan. Jika kamu menjadi saksi dalam suatu perkara, jangan menyimpang dengan mengikut orang ramai

22:28: Kis 23:5. **22:31:** Im 17:15.

23:1: Kel 20:16; Im 19:11,12; Ul 5:20.

yang memutarbalikkan apa yang benar. ³ Jangan berpihak kepada orang miskin dalam tujuannya.

⁴ Jika kamu menemui lembu musuhmu atau keldainya yang tersesat, kamu hendaklah mengembalikan binatang itu kepadanya.

⁵ Jika kamu melihat keldai milik orang yang membencimu rebah kerana berat tanggungannya, jangan enggan menolongnya. Tolonglah orang itu dan juga keldainya.

⁶ Jangan merampas hak orang miskin untuk mendapatkan keadilan. ⁷ Jauhkanlah dirimu daripada perkara dusta dan jangan kamu hukum mati orang yang tidak bersalah dan orang benar kerana Aku tidak akan membenarkan orang yang fasiq. ⁸ Jangan menerima rasuah kerana suap membutakan mata orang yang melihat dan memutarbalikkan kata-kata orang benar.

⁹ Jangan kamu menganiaya seorang pendatang. Kamu sendiri tahu bagaimana rasanya menjadi pendatang kerana kamu pun dahulunya pendatang di Tanah Mesir.

23:3: Im 19:15. **23:4:** Ul 22:1-4.

23:6: Im 19:15; Ul 16:19.

23:9: Kel 22:21; Im 19:33,34; Ul 24:17,18; 27:19.

Peraturan tentang Sabat dan perayaan

¹⁰ Selama enam tahun kamu hendaklah mengusahakan tanahmu dan mengumpulkan hasilnya, ¹¹ tetapi pada tahun yang ketujuh kamu hendaklah membiarkannya dan meninggalkannya begitu sahaja supaya orang miskin antara bangsamu dapat makan, dan sisa ditinggalkan mereka dapat dimakan oleh binatang liar. Demikian jugalah harus kamu lakukan terhadap kebun anggurmu dan kebun zaitunmu.

¹² Selama enam hari hendaklah kamu lakukan pekerjaanmu, tetapi pada hari ketujuh hendaklah kamu berhenti. Dengan demikian, lembumu serta keldaimu dapat beristirahat dan anak hamba perempuanmu serta para pendatang dapat melepaskan lelah.

¹³ Ikuti baik-baik segala hal yang Kufirmankan kepadamu. Jangan menyebut nama tuhan lain, dan jangan biarkan nama itu terdengar lantaran terkeluar daripada mulutmu.

¹⁴ Tiga kali dalam setahun kamu harus mengadakan perayaan bagi-Ku. ¹⁵ Tetaplah

23:10: Im 25:1-7. **23:12:** Kel 20:9-11; 31:15; 34:21; 35:2; Im 23:3; Ul 5:13,14.

23:15: Kel 12:14-20; Im 23:6-8; Bil 28:17-25.

rayakan Perayaan Roti Tidak Beragi. Tujuh hari lamanya kamu harus makan roti yang tidak beragi, seperti yang Kuperintahkan kepadamu. Hendaklah kamu lakukan hal itu pada waktu yang ditetapkan, iaitu dalam bulan Abib, kerana dalam bulan itulah kamu keluar dari Mesir. Jangan seorang pun menghadap hadirat-Ku dengan tangan kosong.

¹⁶ Tetaplah rayakan Perayaan Penuaian, iaitu penuaian hasil pertama daripada apa yang telah kamu usahakan di ladang. Selain itu, tetaplah rayakan Perayaan Pengumpulan Hasil pada akhir tahun, sewaktu kamu mengumpulkan hasil pekerjaanmu dari ladang.

¹⁷ Tiga kali setahun semua lelaki hendaklah menghadap ke hadirat Tuhan Allah.

¹⁸ Jangan kamu persembahkan kepada-Ku darah daripada korban sembelihan bersama dengan roti yang beragi. Lemak korban hari raya-Ku pun tidak boleh kaubiarkan bermalam sampai pagi.

¹⁹ Yang terbaik daripada hasil pertama tanahmu hendaklah kamu bawa ke dalam Bait Tuhan, Allahmu. Jangan kamu rebus anak kambing di dalam air susu ibunya.”

23:16a: Im 23:15-21; Bil 28:26-31; **b:** Im 23:39-43.

23:19: Ul 26:2; Kel 34:26; Ul 14:21.

Penaklukan Tanah Kanaan dijanjikan

²⁰ “Sesungguhnya, Aku mengutus malaikat-Ku berjalan di hadapanmu untuk melindungimu di jalan dan untuk membawamu ke tempat yang telah Kusediakan. ²¹ Dengarlah dan patuhilah kata-katanya kerana nama-Ku ada dalam dia. Maka jangan menderhaka kepadanya kerana dia tidak akan mengampunkan pelanggaranmu. ²² Tetapi jika kamu betul-betul mentaati kata-katanya dan melakukan semua yang Kufirmankan, maka Aku akan memusuhi para musuhmu dan melawan para lawan-lawanmu. ²³ Malaikat-Ku akan berjalan di depanmu dan membawamu ke negeri bani Amori, bani Het, bani Feris, bani Kanaan, bani Hewi, serta bani Yebus, dan Aku akan memusnahkan mereka sama sekali. ²⁴ Jangan sujud menyembah tuhan mereka atau beribadat kepadanya, dan jangan ikuti kelakuan mereka. Sebaliknya, kamu hendaklah meruntuhkan semua itu sama sekali juga menghancurkan semua tiang berhala mereka. ²⁵ Beribadatlah kepada Tuhan, Allahmu, maka Dia akan memberkati rotimu dan airmu. Aku akan menyingkirkan penyakit dari antara kamu. ²⁶ Tidak akan ada seorang perempuan pun yang keguguran atau yang mandul di negerimu. Aku akan menggenapkan jumlah umurmu.

²⁷ Kengerian terhadap diri-Ku akan Kukirim mendahuluimu dan Aku akan mengacau-bilaukan semua bangsa yang kamu datangi. Aku akan membuat semua musuhmu lari membelakangimu. ²⁸ Aku akan melepaskan serangga penyengat untuk mendahuluimu supaya bani Hewi, bani Kanaan, dan bani Het dihalau dari hadapanmu. ²⁹ Aku tidak akan mengusir mereka dari hadapanmu dalam satu tahun, supaya jangan negeri itu menjadi sunyi sepi dan binatang liar bertambah banyak melebihi kamu. ³⁰ Sedikit demi sedikit akan Kuusir mereka dari hadapanmu, sampai kamu beranak cucu dan memiliki negeri itu. ³¹ Aku akan menentukan batas daerahmu, iaitu dari Laut Merah sampai Laut Filistin, dan dari gurun sampai ke Sungai Efrat. Aku akan menyerahkan penduduk negeri itu ke dalam tanganmu, dan kamu akan mengusir mereka dari hadapanmu. ³² Jangan mengikat perjanjian dengan mereka atau dengan tuhan mereka. ³³ Jangan biarkan mereka tinggal di negerimu supaya jangan mereka membuat kamu berdosa terhadap Aku, kerana akan terjebak jika kamu beribadat kepada tuhan mereka.”

Allah mengesahkan perjanjian-Nya

24 ¹ Berfirmanlah Dia kepada Musa, “Naiklah menghadap Tuhan, kamu dan Harun, Nadab dan Abihu, berserta tujuh puluh orang dalam kalangan tua-tua Israel dan sujudlah menyembah dari jarak yang jauh. ² Musa sahaja yang boleh menghampiri Tuhan, tetapi umat yang lain tidak boleh datang dekat-dekat. Umat itu juga tidak boleh naik bersama-samanya.”

³ Maka pergilah Musa menyampaikan kepada umat itu semua perintah dan peraturan yang difirmankan Tuhan. Seluruh umat itu pun menjawab dengan suara serentak, “Segala yang telah difirmankan Tuhan akan kami laksanakan.” ⁴ Kemudian Musa menulis segala firman Tuhan itu. Keesokan harinya pagi-pagi lagi dia bangun lalu mendirikan sebuah mazbah di kaki gunung itu lengkap dengan dua belas batang tiang, setara dengan jumlah suku orang Israel iaitu dua belas semuanya. ⁵ Dia mengarahkan beberapa orang muda orang Israel untuk mempersembahkan korban bakaran serta menyembelih lembu-lembu jantan sebagai korban kedamaian untuk Tuhan. ⁶ Musa mengambil sebahagian daripada darah itu dan menuangkannya ke dalam beberapa buah bejana, manakala sebahagian lagi darah dipercikkan pada mazbah. ⁷ Lalu dia mengambil

kitab perjanjian itu dan membacanya di hadapan seluruh umat yang mendengarkannya. Lalu mereka berkata, “Segala firman Tuhan akan kami laksanakan dan kami patuhi.”

⁸ Setelah itu Musa mengambil darah itu lalu memercikkannya ke atas umat itu dan berkata, “Inilah darah perjanjian yang dimateraikan Tuhan dengan kamu sehubungan dengan segala firman-Nya ini.”

⁹ Lalu Musa, Harun, Nadab dan Abihu, serta tujuh puluh orang daripada kalangan tua-tua orang Israel mendaki gunung. ¹⁰ Mereka nampak Allah Israel dan di bawah kaki-Nya kelihatan sesuatu seperti turapan batu nilam yang tampak terang seperti langit. ¹¹ Namun begitu, Allah tidak membinasakan para pemuka orang Israel itu. Setelah mereka memandang Allah, mereka pun makan dan minum.

Musa di Gunung Sinai

¹² Tuhan berfirman kepada Musa, “Naiklah menghadap Aku di atas gunung dan tunggulah di situ. Aku akan memberimu loh-loh batu yang telah Kutulis hukum dan perintah yang harus diajarkan kepada mereka.” ¹³ Maka bangkitlah

Musa, demikian juga Yosua, penolongnya, lalu Musa naik ke gunung Allah. ¹⁴ Sebelumnya, kepada para tua-tua itu dia berkata, “Tunggulah di sini sampai kami kembali kepadamu. Lihat, Harun dan Hur ada bersama-samamu. Sesiapa yang ada perkara berbangkit, biarlah dia pergi mengadukannya kepada mereka.”

¹⁵ Musa pun mendaki gunung, lalu awan melitupi gunung itu. ¹⁶ Kemuliaan hadirat Tuhan bersemayam di atas Gunung Sinai, dan awan melitupinya selama enam hari. Pada hari ketujuh Dia memanggil Musa dari tengah-tengah awan itu. ¹⁷ Pada pandangan orang Israel, kemuliaan Tuhan di puncak gunung itu kelihatan seperti api yang menghanguskan. ¹⁸ Musa masuk ke tengah-tengah awan itu dan naik ke atas gunung. Dia berada di atas gunung itu selama empat puluh hari empat puluh malam.

Persembahan untuk pembinaan Khemah Suci

25 ¹ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa demikian, ² “Beritahu orang Israel untuk mewakafkan persembahan khusus bagi-Ku. Ambillah persembahan khusus untuk-Ku itu daripada semua orang yang ikhlas hati. ³ Persembahan yang hendaklah kamu ambil

daripada mereka itu ialah emas, perak, gangsa, ⁴ kain biru, kain ungu, kain merah tua, linen halus, bulu kambing, ⁵ kulit domba jantan yang dicelup merah, kulit anjing laut, kayu akasia, ⁶ minyak untuk lampu, rempah-rempah untuk minyak urapan upacara dan untuk dupa harum, ⁷ oniks dan pelbagai batu permata tataan untuk baju efod serta perisai dada. ⁸ Mereka harus membina tempat suci bagi-Ku, supaya Aku bersemayam di tengah-tengah mereka. ⁹ Khemah Suci serta segala alat kelengkapannya hendaklah kamu buat mengikut semua contoh yang akan Kutunjukkan kepadamu.”

Tabut perjanjian

¹⁰ “Hendaklah dibuat mereka sebuah tabut daripada kayu akasia, panjangnya dua setengah hasta, lebarnya satu setengah hasta, dan tingginya satu setengah hasta. ¹¹ Bahagian dalam dan luarnya hendaklah disalut dengan emas tulen, dan di sekeliling bahagian atasnya hendaklah dibuat bingkai emas. ¹² Buatlah empat urat gelang emas dan pasangkannya pada keempat-empat kakinya, iaitu dua urat gelang pada satu sisinya dan dua urat gelang lagi pada sisi yang setentang dengannya. ¹³ Selanjutnya buatlah pengusung daripada kayu akasia dan salutinya dengan emas. ¹⁴ Masukkanlah kayu

pengusung itu ke dalam gelang pada setiap bucu tabut itu, supaya tabut dapat diusung dengan kayu itu. ¹⁵ Kayu pengusung itu hendaklah kekal berada di dalam gelang tabut itu, dan tidak boleh dicabut dari situ. ¹⁶ Kemudian, simpanlah loh hukum yang akan Kuberikan kepadamu di dalam tabut itu.

¹⁷ Buatlah penutup pendamaian itu daripada emas tulen, dua setengah hasta panjangnya dan satu setengah hasta lebarnya. ¹⁸ Buatlah juga dua arca kerubin daripada emas tempaan pada setiap hujung penutup pendamaian itu. ¹⁹ Satu arca kerubin hendaklah kamu buat pada satu hujung dan satu lagi arca kerubin pada hujung yang setentang. Kedua-dua arca kerubin itu hendaklah dibuat di atas kedua-dua hujungnya dan secara bersepadu dengan penutup pendamaian itu.

²⁰ Sayap kedua-dua arca kerubin itu hendaklah dikembangkan ke atas sehingga melitupi penutup pendamaian itu. Muka arca itu saling berhadapan dan menghadap ke arah penutup pendamaian itu. ²¹ Letakkanlah penutup pendamaian itu di atas tabut, dan simpanlah loh hukum yang akan Kuberikan kepadamu di dalam tabut itu. ²² Di sanalah Aku akan bertemu dengan kamu, dan dari atas penutup pendamaian itu, iaitu di antara

kedua-dua arca kerubin yang ada di atas tabut loh hukum itu, Aku akan berfirman kepadamu tentang segala sesuatu yang akan Kuperintahkan untuk disampaikan kepada orang Israel.”

Meja bagi roti persembahan

²³ “Buatlah sebuah meja daripada kayu akasia, dua hasta panjangnya, sehasta lebarnya, dan satu setengah hasta tingginya. ²⁴ Salutlah meja itu dengan emas tulen dan buatlah bingkai emas di sekelilingnya. ²⁵ Buatlah di sekelilingnya jalur pinggir selebar satu telapak tangan dan buatlah bingkai emas di sekeliling jalur pinggir itu. ²⁶ Buatlah empat urat gelang emas untuk meja itu dan pasanglah gelang-gelang itu pada setiap penjurunya, di keempat-empat kakinya. ²⁷ Gelang itu harus dekat dengan jalur pinggir tadi sebagai tempat memasukkan kayu pengusung, supaya para hamba boleh mengusung meja itu. ²⁸ Hendaklah kamu buat pengusungnya daripada kayu akasia, dan salutinya dengan emas dan dengan kayu itulah meja itu harus diusung. ²⁹ Seterusnya buatlah pinggan-pinggannya, belanga-belanganya, balang-balangnya, dan mangkuk-mangkuknya, yang kesemuanya daripada emas tulen, yang akan dipakai untuk

persembahan minuman. ³⁰ Kamu hendaklah sentiasa meletakkan roti persembahan di atas meja itu di hadirat-Ku.”

Kaki pelita emas

³¹ “Buatlah kaki pelita daripada emas tulen yang ditempa. Seluruh bahagian alas dan batang kaki pelita itu serta kuncup bunga hiasan yang terdiri daripada kelopak dan mahkotanya hendaklah bersepadu dengan kaki pelita itu.

³² Dari kaki pelita itu harus timbul enam cabang bagi setiap sisinya: tiga cabang dari satu sisi dan tiga cabang lagi dari sisi yang lagi satu. ³³ Pada setiap satu daripada enam cabang itu hendaklah dilengkapi dengan tiga hiasan berupa kuncup bunga badam sempurna dengan kelopak dan mahkota bunganya. ³⁴ Pada batang kaki pelita itu hendaklah dilengkapi dengan empat hiasan berupa kuncup bunga badam sempurna dengan kelopak dan mahkota bunganya, ³⁵ satu kelopak di bawah dua cabang pertama, satu kelopak di bawah dua cabang kedua, dan satu kelopak lagi di bawah dua cabang ketiga daripada keenam-enam cabang yang timbul di sisi batang kaki pelita itu. ³⁶ Kelopak-kelopak serta cabang-cabang itu hendaklah bersepadu dengan kaki pelita

itu. Seluruhnya dibuat daripada satu talenta emas tulen yang ditempa. ³⁷ Buatlah tujuh buah pelita, kemudian pasangkan pelita-pelita itu di bahagian atasnya sehingga menerangi tempat di hadapannya. ³⁸ Buatlah penyepit sumbu serta dulangnya daripada emas tulen. ³⁹ Kaki dian dengan segala kelengkapannya itu hendaklah dibuat daripada satu talenta emas tulen. ⁴⁰ Berhati-hatilah supaya kamu membuat kesemuanya mengikut contoh yang telah ditunjukkan kepadamu di atas gunung.

Mengenai Khemah Suci

26 ¹ Hendaklah kamu buat Khemah Suci daripada sepuluh helai tabir dewangga kain linen halus yang dipintal iaitu bahan berwarna biru, ungu, dan merah menyala, dengan disulam arca kerubin, hasil kerja pereka bentuk yang mahir. ² Setiap helai tabir hendaklah sepanjang dua puluh lapan hasta dan selebar empat hasta. ³ Lima helai tabir hendaklah dijahit cantum menjadi satu sambungan dan begitu jugalah dijahit cantumkan lima helai lagi tabir itu. ⁴ Kamu hendaklah membuat gegelung daripada kain biru di birai tabir paling hujung bagi set tabir sambungan pertama, dan begitu juga hendaklah

kamu buat pada birai tabir terhujung bagi set tabir sambungan yang kedua. ⁵ Kamu hendaklah membuat sejumlah lima puluh urat gegelung bagi setiap set dengan kedudukan gegelung itu bersetentang antara satu sama lain. ⁶ Kemudian hendaklah kamu suruh agar dibuat lima puluh cangkuk pengancing emas lalu pasang dan cangkukkan gegelung dengan pengancing kedua-dua set tabir itu sehingga terjadi kesatuan berupa sebuah Khemah Suci.

⁷ Dan kamu hendaklah membuat sebelas helai tabir daripada bulu kambing untuk dijadikan atap khemah yang menutupi Khemah Suci.

⁸ Kesebelas-sebelas tabir itu hendaklah sama ukurannya iaitu sepanjang tiga puluh hasta dan selebar empat hasta. ⁹ Lima helai tabir hendaklah dijahit cantum menjadi satu sambung tersendiri dan enam helai kain lagi satu sambung tersendiri, tetapi helaian tabir yang keenam itu hendaklah kamu lipat dua di bahagian depan khemah itu.

¹⁰ Buatlah lima puluh gegelung di birai tabir terhujung bagi tabir sambung yang satu, dan lima puluh gegelung di birai tabir terhujung bagi tabir sambung yang kedua. ¹¹ Buat pulalah lima puluh cangkuk pengancing gangsa, lalu pasang dan cangkukkan gegelung dengan pengancing kedua-dua set tabir itu sehingga tersambung dua set tabir sambungan itu menjadi

satu. ¹² Biarkanlah setengah bahagian kain yang bertindihan itu terjantai di belakang Khemah Suci. ¹³ Pertindihan sebanyak sehasta tabir yang berlebihan di kedua-dua sisi Khemah Suci hendaklah terjantai menudung sisi khemah itu.

¹⁴ Selain itu, daripada kulit domba jantan yang dicelup merah, dan daripada kulit anjing laut hendaklah kamu suruh agar dibuat penudung bagi tabir dewangga itu untuk melapisi bahagian atasnya pula.

¹⁵ Buatlah rangka bagi Khemah Suci itu daripada papan kayu akasia yang ditegakkan. ¹⁶ Setiap papan hendaklah sepanjang sepuluh hasta dan selebar satu setengah hasta. ¹⁷ Pada tiap-tiap papan harus ada dua unjuran berpasak yang membolehkan papan-papan itu saling dihubungkan. Hendaklah kamu lakukan begitu bagi kesemua papan Khemah Suci. ¹⁸ Hendaklah kamu buat dua puluh rangka papan bagi sisi sebelah selatan, ¹⁹ dan hendaklah kamu suruh agar dibuat empat puluh lesung pasak daripada perak untuk dipasangkan di bawah kesemua dua puluh papan itu: dua lesung pasak di bawah setiap papan, masing-masing untuk dipasangkan dengan kedua-dua pasak setiap papan itu. ²⁰ Buat lagi dua puluh rangka papan bagi sisi kedua iaitu sisi utara Khemah Suci, ²¹ lengkap dengan kesemua empat puluh rongga

peraknya, dua lesung pasak di bawah setiap papan. ²² Hendaklah kamu buat enam papan bagi bahagian belakang Khemah Suci, iaitu di sebelah barat. ²³ Selain itu buatlah dua papan untuk sudut-sudut di bahagian belakang Khemah Suci. ²⁴ Kedua-dua rangka papan bahagian sudut itu hendaklah dua kali ganda tebalnya dari situ sampai bawah dan muat betul-betul ke dalam gegelang pertama. ²⁵ Jadi, hendaklah ada lapan rangka papan lengkap dengan enam belas lesung pasak daripada perak iaitu dua lesung pasak di bawah setiap rangka papan.

²⁶ Hendaklah kamu buat palang daripada kayu akasia: lima batang kayu palang untuk rangka papan di satu sisi Khemah Suci, ²⁷ dan lima batang kayu palang bagi rangka papan di sisi yang setentang dengannya, dan lima batang kayu palang bagi rangka papan di sisi belakang, iaitu bahagian sebelah barat di belakang Khemah Suci. ²⁸ Kayu palang yang di tengah hendaklah melintang dari hujung ke hujung, setinggi setengah rangka papan itu. ²⁹ Salutlah rangka papan itu dengan emas, dan buatlah gegelang emas tempat memasukkan kayu-kayu palang itu. Salutlah juga kayu-kayu palang itu dengan emas. ³⁰ Hendaklah kamu dirikan Khemah Suci itu mengikut reka bentuk yang telah ditunjukkan kepadamu di atas gunung itu.

³¹ Berikutnya, buatlah tabir daripada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal. Sulamlah arca kerubin buatan seorang pereka yang mahir pada tabir itu. ³² Gantungkanlah tabir itu dengan cangkuk-cangkuk emas pada empat batang tiang daripada kayu akasia yang disalut dengan emas dan disangga oleh empat lesung pasak daripada perak. ³³ Gantungkanlah tabir itu di bawah pengancing itu dan bawalah masuk tabut loh hukum ke balik tabir. Tabir itu menjadi pemisah bagimu antara Tempat Suci dengan Tempat Yang Maha Suci. ³⁴ Di dalam Tempat Yang Maha Suci itu letakkanlah penutup pendamaian di atas tabut loh hukum. ³⁵ Letakkanlah meja di luar tabir berdekatan dengan sisi sebelah utara Khemah Suci, lalu letakkanlah kaki pelita dekat rusuk sebelah selatan, berhadapan dengan meja itu.

³⁶ Selanjutnya hendaklah kamu suruh agar dibuat tabir bagi pintu khemah itu daripada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal, dihiasi dengan sulaman. ³⁷ Lalu hendaklah kamu suruh agar dibuat lima batang tiang daripada kayu akasia bagi tabir itu dan salutlah dengan emas. Buat pulalah

cangkuk-cangkuk daripada emas, dan buatlah leburan lima gegelung pengancing daripada gangsa bagi tiang-tiang itu.

Mazbah

27 ¹ Hendaklah kamu buat mazbah berbentuk empat segi sama daripada kayu akasia iaitu sepanjang lima hasta, selebar lima hasta, dan setinggi tiga hasta. ² Buatlah tanduk bagi setiap satu daripada empat penjurunya secara bersepadu dengan mazbah itu, lalu salutlah keseluruhannya dengan gangsa. ³ Buatlah juga segala kelengkapannya iaitu bekas untuk menampung abu, penyodok, bejana, cangkuk daging, dan penadah bara, kesemuanya daripada gangsa. ⁴ Lengkapilah mazbah itu dengan kekisi besi pengadang daripada gangsa, lalu buatlah empat gegelang gangsa di atas keempat-empat sudut kekisi itu. ⁵ Pasanglah kekisi itu di bawah belebas di sekeliling mazbah, dari bahagian bawah sehingga paras setengah ketinggian mazbah itu. ⁶ Buatlah dua pengusung daripada kayu akasia untuk mazbah itu, lalu salutlah dengan gangsa. ⁷ Masukkanlah kayu-kayu pengusung itu ke dalam gegelang tadi, sehingga kayu pengusung itu terletak di kedua-dua sisi mazbah itu ketika orang mengusungnya. ⁸ Hendaklah kamu buat mazbah

itu daripada papan dan biarkannya berongga, seperti yang telah ditunjukkan kepadamu di atas gunung itu.

Laman dalamnya

⁹ Hendaklah kamu buat laman dalam bagi Khemah Suci. Sisi sebelah selatan laman dalam itu hendaklah dipagari hampan tabir sepanjang seratus hasta daripada kain linen halus yang dipintal, ¹⁰ yang disangga oleh dua puluh batang tiang daripada gangsa dengan dua puluh lesung pasak daripada gangsa juga. Cangkuk-cangkuk bagi tiang serta kambi-kambinya hendaklah daripada perak. ¹¹ Demikian jugalah halnya dengan sisi panjang sebelah utara. Hamparkanlah kain sepanjang seratus hasta yang disangga oleh dua puluh batang tiang dengan dua puluh lesung pasak, kesemuanya daripada gangsa. Kaitan-kaitan pada tiang serta penghubung-penghubungnya haruslah daripada perak. ¹² Pada sisi lebar di bahagian barat laman dalam hendaklah dibentangkan hampan dinding sepanjang lima puluh hasta yang disangga oleh sepuluh batang tiang dengan sepuluh lesung pasaknya. ¹³ Sisi sebelah timur laman dalam juga harus selebar lima puluh hasta. ¹⁴ Hampan dinding bahagian tepi pintu yang satu hendaklah sepanjang lima belas hasta serta disangga oleh

tiga batang tiang dengan lesung pasaknya. ¹⁵ Di bahagian tepi pintu sebelah lagi itu hendaklah dibentangkan juga kain sepanjang lima belas hasta yang disangga oleh tiga batang tiang dengan tiga lesung pasaknya. ¹⁶ Bagi pintu laman dalam itu, hendaklah dibuatkan layar sepanjang dua puluh hasta daripada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal, berhiaskan sulaman. Layar itu hendaklah disangga oleh empat batang tiang dengan empat lesung pasaknya. ¹⁷ Semua tiang di sekeliling laman dalam itu harus dihubungkan dengan penyambung-penyambung perak dan cangkuk-cangkuknya hendaklah daripada perak manakala lesung pasaknya daripada gangsa. ¹⁸ Laman itu hendaklah sepanjang seratus hasta, selebar lima puluh hasta, dan setinggi lima hasta, dan dipagari oleh kain linen halus yang dipintal, dengan lesung-lesung pasaknya daripada gangsa. ¹⁹ Segala kelengkapan Khemah Suci bagi keperluan ibadat, semua pasaknya, termasuk semua pasak laman dalam itu, hendaklah dibuat daripada gangsa.

Pengurusan minyak bagi kaki pelita

²⁰ Hendaklah kamu perintahkan orang Israel untuk membawa kepadamu minyak zaitun tumbuk yang murni untuk pencahayaan supaya

pelita sentiasa ternyala. ²¹ Di dalam Khemah Pertemuan, iaitu di bahagian luar tabir yang menutupi tabut loh hukum itu, Harun dan anak-anak lelakinya hendaklah mengurus pelita itu agar tetap menyala di hadapan Tuhan dari petang sampai pagi hari. Ketetapan ini hendaklah sentiasa dipatuhi oleh orang Israel, turun-temurun.

Pakaian imam

28 ¹ Hendaklah kamu suruh abangmu Harun dan anak-anaknya, iaitu Nadab, Abihu, Eleazar, dan Itamar, tampil daripada kalangan orang Israel untuk menunaikan tugas sebagai para imam bagi-Ku. ² Hendaklah kamu buat pakaian peribadatan yang suci untuk Harun, abangmu, sebagai lambang kemuliaan dan kehormatan. ³ Hendaklah kamu berbicara kepada semua warga bijaksana yang telah Kukurniai kemahiran dan suruhlah mereka membuat pakaian Harun agar dia ditahbiskan untuk menunaikan tugas sebagai imam. ⁴ Inilah pakaian yang harus dibuat mereka: penutup dada, baju efod, jubah, jubah bersulam, serban, dan ikat pinggang. Hendaklah dibuat mereka pakaian suci itu untuk abangmu Harun dan anak-anaknya, supaya mereka dapat menunaikan tugas sebagai imam. ⁵ Hendaklah digunakan mereka kain

berwarna biru, ungu, merah menyala, kain benang emas dan kain linen halus.

⁶ Hendaklah dibuat mereka baju efod daripada emas, kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal, buatan seorang pereka bentuk yang mahir. ⁷ Hendaklah pada baju efod itu dijahit dua tali penutup bahu yang bersambung di kedua-dua hujungnya sehingga baju efod itu tersambung. ⁸ Hendaklah disulam juga ikat pinggang daripada kain benang emas, kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal yang bersepadu dan sedondon dengan baju efod itu. ⁹ Hendaklah kamu ambil dua biji batu permata oniks dan ukirkanlah nama anak-anak Israel, ¹⁰ enam nama di atas batu permata yang satu dan enam lagi nama selebihnya pada batu permata yang kedua, menurut urutan kelahiran mereka. ¹¹ Ukirkanlah nama anak-anak Israel di atas kedua-dua batu permata itu sebagaimana tukang permata mengukir materai, lalu lilitlah batu permata itu dengan ikatan emas. ¹² Letakkanlah kedua-dua batu permata itu pada kedua-dua tali penutup bahu baju efod sebagai permata peringatan bagi anak-anak Israel, dan Harun hendaklah membawa nama mereka ke hadirat Tuhan di atas kedua-dua tali penutup bahunya sebagai tanda peringatan. ¹³ Ikatannya hendaklah dibuat

daripada emas ¹⁴ dan dua untai rantai daripada emas tulen, terjalin seperti tali. Setelah itu, pasangkan jalinan rantai itu pada ikatan batu permata tadi.

Penutup dada

¹⁵ Hendaklah kamu secara mahir membuat penutup dada yang digunakan untuk mengemukakan keputusan hukum. Sama dengan baju efod, penutup dada itu hendaklah dibuat daripada kain benang emas, kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal. ¹⁶ Hendaklah bentuknya empat persegi, berlapis dua, sepanjang sejengkal, dan selebar sejengkal. ¹⁷ Di penutup dada itu hendaklah dipasangkan empat baris batu permata tataan: pertama sebaris batu permata berupa akik merah, manikam kuning, dan zamrud; ¹⁸ di baris kedua batu permata firus, nilam, dan intan; ¹⁹ dan di baris ketiga pula zirkon yakut, akik putih, dan kecubung. ²⁰ Manakala di baris keempat ialah topaz, oniks, dan yaspis. Kesemuanya hendaklah diikatkan bertatah emas. ²¹ Hendaklah batu permata itu sejumlah dua belas biji, sejajar dengan nama-nama anak Israel. Hendaklah masing-masing diukir seperti materai dengan nama setiap satu daripada dua belas suku itu. ²² Untuk penutup dada itu hendaklah dibuat

beberapa urat rantai berjalin kemili daripada emas tulen. ²³ Buatlah juga dua urat gelang emas dan pasanglah kedua-dua urat gelang itu pada kedua-dua hujung penutup dada.

²⁴ Kemudian pasanglah kedua-dua jalinan rantai emas itu di kedua-dua urat gelang di hujung penutup dada itu. ²⁵ Pasanglah hujung-hujung lain daripada kedua-dua jalinan itu pada dua ikatan batu permata yang terpasang di tali-tali penutup bahu baju efod di bahagian depannya.

²⁶ Hendaklah dibuat dua urat gegelang emas dan pasanglah pada kedua-dua hujung penutup dada itu di lapisan sebelah dalam, yang berhadapan langsung dengan baju efod. ²⁷ Buatlah juga dua gegelang emas lagi dan pasanglah pada kedua-dua tali penutup bahu baju efod di bahagian bawah sebelah depan, dekat sambungannya, di atas ikat pinggang baju efod yang tertunen dengan kepakaran. ²⁸ Maka gegelang penutup dada hendaklah diikatkan pada gegelang baju efod dengan benang biru agar penutup dada itu tetap berada di atas ikat pinggang baju efod yang tertunen dengan kepakaran itu agar ia tidak terungki daripada baju efod itu.

²⁹ Maka Harun yang masuk ke dalam Tempat Suci itu akan membawa nama anak-anak Israel tepat di depan jantungnya, iaitu pada penutup dada yang digunakan untuk mengemukakan

keputusan hukum, hingga menjadi peringatan yang tetap di hadapan Tuhan.³⁰ Hendaklah kamu letakkan Urim dan Tumim di dalam penutup dada yang digunakan untuk mengemukakan keputusan hukum. Kedua-duanya hendaklah berada tepat di depan jantung Harun ketika dia masuk menghadap Tuhan. Dengan demikian, di hadapan Tuhan Harun akan sentiasa membawa keputusan-keputusan hukum bagi bani Israel.

Pakaian keimaman keseluruhan

³¹ Hendaklah dibuat keseluruhan jubah baju efod daripada kain biru,³² dengan lubang untuk kepala betul-betul di tengah-tengahnya. Di sekeliling tepi lubang itu hendaklah diikat dengan sulaman sebagaimana dengan lubang pada baju zirah, supaya tidak koyak.³³ Di birai kaki jubah itu hendaklah dibuat hiasan seperti buah delima daripada kain biru, kain ungu, dan kain merah menyala, dengan kerincing emas yang berselang-seli di antaranya,³⁴ iaitu satu kerincing emas lalu sebiji buah delima, kemudian satu kerincing emas lagi diikuti sebiji buah delima, demikianlah seterusnya di sekeliling birai kaki jubah itu.³⁵ Jubah itu hendaklah dipakai oleh Harun ketika dia menyelenggarakan peribadatan,

maka bunyinya hendaklah terdengar ketika dia masuk ke dalam Tempat Suci di hadapan Tuhan dan ketika dia keluar, supaya terbukti yang dia tidak mati.

³⁶ Hendaklah dibuat perhiasan kepala daripada emas tulen dan ukirkanlah tulisan 'Dikuduskan bagi Tuhan padanya, seperti ukiran materai.

³⁷ Pasanglah perhiasan itu di sebelah depan serban dengan benang biru. ³⁸ Perhiasan itu hendaklah ada pada dahi Harun, dan Harun hendaklah menanggung akibat kesalahan terhadap barang-barang kudus yang disucikan oleh orang Israel sebagai persembahan suci mereka. Perhiasan itu hendaklah sentiasa ada pada dahinya, supaya mereka diterima di hadapan Tuhan.

³⁹ Hendaklah ditenun tunik daripada kain linen halus lalu buatlah serban daripada kain linen halus juga berserta ikat pinggang berhiaskan sulaman.

⁴⁰ Hendaklah dibuatkan juga beberapa tunik serta ikat pinggang untuk anak-anak Harun. Selain itu, buatlah ikat kepala untuk mereka sebagai tanda kemuliaan dan kehormatan.

⁴¹ Semua itu hendaklah kamu pakaikan pada abangmu Harun dan anak-anaknya. Kemudian kamu hendaklah mengurapi mereka, melantik serta mentahbiskan mereka, supaya mereka

dapat menunaikan tugas sebagai imam untuk-Ku.⁴² Hendaklah dibuatkan untuk mereka seluar daripada kain linen untuk menutupi aurat mereka. Seluar itu hendaklah dari pinggang sampai ke paha.⁴³ Pada waktu Harun dan anak-anaknya masuk ke dalam Khemah Pertemuan, atau pada waktu mereka menghampiri mazbah untuk menyelenggarakan peribadatan di Tempat Suci, mereka hendaklah memakainya supaya jangan mereka mendatangkan kesalahan atas diri mereka sendiri lalu mati. Itulah ketetapan yang berkekalan baginya dan keturunannya untuk selama-lamanya.

Pentahbisan Harun dan anak-anaknya

29¹ Hendaklah kamu lakukan ini untuk mentahbiskan Harun dan anak-anaknya agar mereka dapat menunaikan tugas sebagai imam bagi-Ku. Ambillah seekor lembu jantan muda dan dua ekor domba jantan yang langsung tidak bercacat cela.² Sediakanlah roti yang tidak beragi, kuih tidak beragi yang dicampurkan dengan minyak, dan roti nipis tidak beragi yang dilepa minyak. Hendaklah kamu buat kesemuanya daripada tepung gandum halus.³ Hendaklah kamu letakkan semuanya di dalam sebuah bakul lalu persembahkanlah bersama

dengan lembu jantan dan kedua-dua ekor domba jantan itu.

⁴ Hendaklah kamu bawa Harun dan anak-anaknya dekat dengan Khemah Pertemuan, lalu sucikanlah mereka dengan air. ⁵ Kemudian ambillah pakaian keimaman dan pakaikanlah Harun tunik, jubah baju efod, baju efod, dan penutup dada. Ikatlah pinggangnya dengan ikat pinggang efod yang tertenu dengan kepakaran. ⁶ Kenakanlah serban di kepalanya dan sematkanlah mahkota suci pada serban itu. ⁷ Seterusnya hendaklah kamu ambil minyak tabhis, curahkanlah ke atas kepalanya, dan urapilah dia.

⁸ Dan hendaklah kamu bawa anak-anaknya lalu pakaikanlah tunik pada mereka. ⁹ Ikatkanlah ikat pinggang pada mereka, iaitu pada Harun dan anak-anaknya, dan lilitkanlah ikat kepala di kepala mereka. Maka jawatan imam itu akan menjadi milik mereka melalui ketetapan yang berkekalan untuk selama-lamanya. Dengan cara demikianlah kamu hendaklah melantik Harun dan anak-anaknya.

¹⁰ Hendaklah dibawa lembu jantan tadi ke hadapan Khemah Pertemuan, lalu Harun dan anak-anaknya harus meletakkan tangan di atas kepala lembu jantan itu. ¹¹ Sembelihlah lembu jantan itu di hadapan Tuhan, di depan pintu

Khemah Pertemuan. ¹² Kemudian hendaklah diambil sebahagian daripada darah lembu jantan itu dan dengan jarimu, sapukan darah itu pada tanduk-tanduk mazbah, dan hendaklah semua baki darah itu dituangkan ke kekaki mazbah. ¹³ Hendaklah kamu juga ambil kesemua lemak yang menutupi isi perut, umbai hati, dan kedua-dua buah pinggang dengan lemak yang melekat padanya, lalu bakarlah kesemuanya di atas mazbah. ¹⁴ Tetapi daging lembu jantan itu, kulit, dan najisnya hendaklah kamu bakar sampai habis di luar perkhemahan. Itulah korban penghapus dosa.

¹⁵ Hendaklah kamu ambil pula seekor domba jantan lalu Harun dan anak-anaknya hendaklah meletakkan tangan di atas kepala domba jantan itu. ¹⁶ Hendaklah kamu sembelih domba jantan itu, ambil dan percikkan darahnya ke sekeliling mazbah. ¹⁷ Hendaklah kamu potong domba jantan itu menjadi beberapa potongan lalu basuhlah isi perutnya dan kakinya, dan letakkan bersama dengan kepala dan potongan-potongan lainnya. ¹⁸ Hendaklah kamu bakar seluruh domba jantan itu di atas mazbah. Itulah korban bakaran yang dipersembahkan kepada Tuhan yakni

korban yang dibakar, yang harum di hadapan Tuhan.

¹⁹ Hendaklah diambil domba jantan yang seekor lagi dan hendaklah Harun dan anak-anaknya meletakkan tangan mereka di atas kepala domba jantan itu. ²⁰ Sembelihlah domba jantan itu, ambillah sedikit darahnya lalu sapukanlah pada cuping telinga kanan Harun serta anak-anaknya, juga pada ibu jari tangan kanan dan ibu jari kaki kanan mereka. Percikkanlah darah yang selebihnya ke sekeliling mazbah. ²¹ Hendaklah diambil sedikit darah yang ada di atas mazbah dan sedikit daripada minyak tahbis tadi, lalu percikkanlah pada Harun dan pakaiannya, juga pada anak-anaknya dan pakaian anak-anaknya. Maka disucikanlah pakaian Harun dan begitu juga pakaian anak-anaknya.

²² Hendaklah diambil daripada domba jantan itu lemaknya, ekornya yang gemuk, lemak yang menutupi isi perutnya, umbai hatinya, kedua-dua buah pinggangnya dengan lemak yang melekat padanya, dan paha kanannya, kerana domba itu ialah domba jantan korban pentakdisan.

²³ Hendaklah diambil daripada bakul berisi roti tidak beragi di hadapan Tuhan itu, sepotong roti, sepotong kuih daripada roti yang dicampurkan minyak, dan sepotong roti nipis. ²⁴ Letakkanlah semua itu di atas telapak tangan Harun dan

telapak tangan anak-anaknya, lalu unjukkanlah sebagai persembahan unjukan di hadapan Tuhan.

²⁵ Kemudian ambillah kesemuanya daripada tangan mereka dan bakarlah di atas mazbah, betul-betul di atas korban bakaran, sebagai korban yang dibakar, yang harum di hadapan Tuhan.

²⁶ Hendaklah pula diambil daging dada daripada domba jantan korban pentahbisan Harun dan unjukkanlah di hadapan Tuhan sebagai persembahan unjukan. Itulah bahagian untukmu.

²⁷ Hendaklah engkau menyucikan dada persembahan unjukan dan paha persembahan khusus yang dipersembahkan daripada domba jantan yang diperuntukkan bagi pentahbisan Harun dan anak-anaknya. ²⁸ Semua itu menjadi peruntukan tetap untuk seterusnya bagi Harun dan anak-anaknya daripada orang Israel, kerana itu ialah persembahan khusus dan hendaklah menjadi persembahan khusus daripada orang Israel yang diambil daripada korban kedamaian mereka. Itulah persembahan unjukan bagi Tuhan.

²⁹ Pakaian keimaman kudus Harun itu hendaklah diturunkan kepada anak-anaknya kelak. Mereka harus memakainya ketika mereka diurapi dan ditahbiskan. ³⁰ Anaknya yang menggantikannya sebagai imam hendaklah memakainya selama tujuh hari ketika dia

masuk ke dalam Khemah Pertemuan untuk menyelenggarakan peribadatan di Tempat Suci.

³¹ Hendaklah diambillah domba jantan korban pentakdisan itu lalu rebuslah dagingnya di sebuah tempat yang suci. ³² Hendaklah Harun dan anak-anaknya memakan daging domba jantan itu serta roti yang ada di dalam bakul itu di depan pintu Khemah Pertemuan. ³³ Hendaklah mereka makan apa yang telah digunakan dalam upacara pendamaian bagi pentahbisan dan penyucian mereka. Orang awam tidak boleh memakannya, kerana kesemuanya itu suci. ³⁴ Jika pada pagi hari ada lagi sisa daripada daging korban pentakdisan atau daripada roti itu, bakarlah habis sisa itu dan jangan memakannya, kerana kesemuanya itu suci.

³⁵ Maka hendaklah dilakukan demikian itu terhadap Harun dan anak-anaknya, iaitu menurut segala yang Kuperintahkan kepadamu. Hendaklah selama tujuh hari kamu mentahbiskan mereka. ³⁶ Hendaklah setiap hari disediakan seekor lembu jantan sebagai korban penghapus dosa di samping pelbagai persembahan pendamaian lainnya. Hendaklah disucikan mazbah apabila pendamaian dilakukan. Urapilah juga mazbah itu dengan minyak demi menyucikannya. ³⁷ Hendaklah diadakan pendamaian serta penyucian untuk mazbah itu selama tujuh hari

dan mazbah itu akan menjadi teramat suci. Apa-apa pun yang menyentuh mazbah itu akan menjadi suci pula.

Korban pada pagi dan petang

³⁸ Maka hendaklah kamu persembahkan ini di atas mazbah itu: dua ekor anak domba berumur setahun. ³⁹ Sediakanlah seekor anak domba pada pagi hari dan seekor lagi anak domba pada petang harinya. ⁴⁰ Bersama-sama seekor anak domba itu hendaklah disediakan sepersepuluh efa^x tepung terbaik yang dicampurkan dengan seperempat hin^y minyak tumbuk dan seperempat hin air anggur sebagai persembahan minuman. ⁴¹ Bersama dengan seekor lagi anak domba yang disediakan pada waktu senja, hendaklah disediakan persembahan bahan makanan dan persembahan minuman seperti pada pagi hari sebagai korban bakaran, yang harum di hadapan Tuhan. ⁴² Hendaklah persembahan sedemikian menjadi korban bakaran yang tetap dipersembahkan secara turun-temurun di depan pintu Khemah Pertemuan, di hadapan Tuhan. Di situlah Aku akan bertemu dengan kamu lalu berfirman kepadamu. ⁴³ Di sana jugalah Aku

^x**29:40** 'Sepersepuluh efa' kira-kira 2 liter.

^y**29:40** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

akan menemui orang Israel, dan khemah itu akan disucikan oleh kemuliaan-Ku. ⁴⁴ Aku akan menyucikan Khemah Pertemuan dan mazbah itu. Harun dan anak-anaknya pun akan Kusucikan supaya mereka dapat menunaikan tugas keimaman untuk-Ku. ⁴⁵ Aku akan bersemayam di tengah-tengah orang Israel, dan Aku akan menjadi Allah mereka. ⁴⁶ Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan, Allah mereka, yang telah membawa mereka keluar dari Tanah Mesir, supaya Aku bersemayam di tengah-tengah mereka. Akulah Tuhan, Allah mereka.

Mazbah pendupaan

30 ¹ Hendaklah kamu buat mazbah daripada kayu akasia untuk membakar dupa. ² Bentuknya empat persegi sepanjang sehasta, selebar sehasta, dan setinggi dua hasta. Hendaklah dibuat tanduk-tanduknya bersepadu dengannya. ³ Salutilah bahagian atasnya, sisi-sisi sekelilingnya, dan juga tanduk-tanduknya dengan emas tulen, dan hendaklah dibuat bingkai emas di sekelilingnya. ⁴ Hendaklah dibuat dua gegelang emas di bawah bingkai itu iaitu pada rusuk kiri dan kanannya. Kayu pengusung akan dimasukkan ke dalam lubang gegelang-gegelang itu supaya mazbah dapat diusung. ⁵ Hendaklah dibuat pengusungnya daripada kayu akasia

dan salutilah pengusung itu dengan emas.

⁶ Hendaklah mazbah itu diletakkan di hadapan tabir dekat tabut loh hukum, di hadapan penutup pendamaian, yang ada di atas loh hukum itu, tempat Aku akan bertemu dengan engkau.

⁷ Setiap pagi apabila Harun membersihkan pelita-pelita itu, dia hendaklah membakar dupa harum di atas mazbah itu. ⁸ Hendaklah Harun juga membakar dupa harum itu apabila dia memasang pelita-pelita pada waktu senja dan kerja mendupai itu hendaklah kamu lakukan secara berterusan di hadapan Tuhan, turun-temurun. ⁹ Di atas mazbah itu janganlah dipersembahkan dupa yang lain, korban bakaran, ataupun persembahan bahan makanan, dan jangan curahkan persembahan minuman.

¹⁰ Setahun sekali Harun hendaklah mengadakan pendamaian pada tanduk-tanduk mazbah pendupaan itu dengan darah korban penghapus dosa pembawa pendamaian. Hendaklah hal itu dilakukannya setahun sekali secara berterusan turun-temurun, kerana ini merupakan sesuatu yang teramat suci bagi Tuhan.”

Persembahan unjukan sewaktu pendaftaran orang Israel

¹¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ¹² “Apabila kamu membanci orang Israel, hendaklah

masing-masing mempersembahkan wang tebusan bagi jiwanya di hadapan Tuhan pada saat mereka didaftarkan, supaya bencana tidak menimpa dalam kalangan mereka. ¹³ Setiap orang yang dikira dalam pembancian itu hendaklah mempersembahkan setengah syikal, menurut syikal rasmi Khemah Suci yang seberat dua puluh gera.² Setengah syikal itu ialah persembahan khusus kepada Tuhan. ¹⁴ Setiap orang yang dikira dalam pembancian itu, iaitu mereka yang berumur dua puluh tahun ke atas, hendaklah memberikan persembahan khusus itu kepada Tuhan. ¹⁵ Sewaktu kamu memberikan persembahan khusus itu kepada Tuhan demi pendamaian bagi jiwamu dengan-Nya, janganlah orang kaya mempersembahkan lebih daripada setengah syikal itu dan janganlah orang miskin mempersembahkan kurang daripada jumlah itu. ¹⁶ Hendaklah kamu terima wang pendamaian itu daripada orang Israel dan gunakanlah untuk peribadatan di dalam Khemah Pertemuan Allah supaya itu akan menjadi tanda peringatan bagi orang Israel di hadapan Tuhan demi pendamaian dirimu dengan-Nya.”

²**30:13** Dua puluh gera: Kira-kira seberat 10 gram. Satu syikal sama dengan 20 gera.

30:13: Kel 38:25,26; Mat 17:24.

Bejana pembasuhan

¹⁷ Tuhan berfirman kepada Musa, ¹⁸ “Hendaklah kamu buat sebuah bejana daripada gangsa yang kekaknya juga daripada gangsa, sebagai tempat membasuh. Hendaklah diletakkan bejana itu antara Khemah Pertemuan dengan mazbah, iaitu tempat pembakaran korban, dan tuanglah air ke dalamnya. ¹⁹ Hendaklah Harun dan anak-anaknya membasuh tangan dan kaki mereka di situ. ²⁰ Sebelum mereka masuk ke dalam Khemah Pertemuan, hendaklah mereka menyucikan diri mereka dengan air agar mereka tidak mati, dan begitu jugalah halnya sewaktu mereka menghampiri mazbah untuk menyelenggarakan peribadatan dengan membakar korban kepada Tuhan. ²¹ Jadi, hendaklah mereka membasuh tangan dan kaki mereka supaya jangan mereka mati. Ketetapan itu berkekalan bagi mereka, iaitu bagi Harun dan bagi keturunannya turun-temurun.”

Minyak upacara dan dupa

²² Tambahan pula, Tuhan berfirman kepada Musa, ²³ “Ambillah rempah-ratus yang terbaik: 500 syikal damar wangi cair, separuh jumlah

berat itu kayu manis harum, 250 syikal tebu wangi, ²⁴ 500 syikal kayu lawang – semuanya menurut syikal rasmi Khemah Suci – serta satu hin^a minyak zaitun. ²⁵ Hendaklah daripada semua itu dibuat minyak tahbis yang suci, iaitu suatu campuran yang sepatutnya dihasilkan oleh ahli pembuat wangi-wangian. Hendaklah campuran itu dijadikan minyak tahbis yang suci. ²⁶ Hendaklah kamu gunakan campuran untuk mengurapi Khemah Pertemuan, tabut loh hukum, ²⁷ meja dengan segala alat kelengkapannya, kaki pelita dengan segala kelengkapannya, mazbah pembakaran dupa, ²⁸ mazbah korban bakaran dengan segala kelengkapannya, dan bejana pembasuhan serta kekaknya. ²⁹ Hendaklah disucikan semua itu sehingga menjadi teramat suci maka apa-apa sahaja yang menyentuhnya akan menjadi suci. ³⁰ Hendaklah kamu urapi Harun dan anak-anaknya dan sucikanlah mereka supaya mereka dapat menunaikan tugas sebagai imam untuk-Ku. ³¹ Hendaklah kamu berkata kepada orang Israel, 'Inilah minyak tahbis yang suci bagi-Ku dalam kalangan kamu turun-temurun. ³² Janganlah dicurahkan minyak itu ke atas tubuh orang biasa dan jangan membuat minyak yang sama campurannya. Minyak itu suci

^a**30:24** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

dan hendaklah dianggap suci bagimu. ³³ Sesiapa sahaja yang membuat campuran minyak seperti ini atau yang menyapukannya pada orang awam hendaklah disingkirkan daripada kalangan bangsanya.”

³⁴ Tuhan berfirman kepada Musa, “Ambillah rempah-ratus yang harum, iaitu getah damar wangi, kulit lokan, dan rasamala, juga kemenyan yang murni, masing-masing sama banyaknya.

³⁵ Hendaklah daripada kesemua itu kamu membuat dupa campuran seperti yang dihasilkan oleh ahli pembuat wangi-wangian, lalu tambahlah garam agar ia tetap murni dan suci. ³⁶ Hendaklah kamu tumbuk sehingga halus sebahagian daripada dupa campuran itu dan letakkanlah di depan tabut loh hukum dalam Khemah Pertemuan, tempat Aku akan bertemu dengan kamu. Kepadamu, tumbukan dupa campuran yang halus itu hendaklah teramat suci.

³⁷ Jangan sekali-kali campuran seperti itu dibuat bagi dirimu sendiri. Hendaklah kamu anggapnya sebagai sesuatu yang suci bagi Tuhan. ³⁸ Sesiapa sahaja yang membuat dupa seperti itu untuk menikmati wanginya hendaklah disingkirkan daripada kalangan bangsanya.”

Bezaleel dan Aholiab

31 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Lihat, Aku telah memanggil Bezaleel anak Uri anak Hur daripada bani Yehuda. ³ Aku memenuhi dia dengan Roh Allah, dengan kebijaksanaan, pengertian, pengetahuan, dan segala jenis kemahiran bertukang ⁴ untuk merancang hasil kerja mahir daripada emas, perak, dan gangsa, ⁵ dan juga untuk mengukir batu permata untuk tatahan, mengukir kayu, serta mengerjakan segala jenis keahlian dalam pelbagai bidang kerja. ⁶ Tambahan pula Aku juga menetapkan orang, iaitu Aholiab anak Ahisamakh daripada bani Dan, untuk menyertainya. Dalam hati semua yang berkemahiran, Aku telah mengurniakan kebijaksanaan supaya mereka membuat semua yang telah Kuperintahkan kepadamu: ⁷ Khemah Pertemuan, tabut loh hukum dan penutup pendamaian di atasnya dan segala kelengkapan khemah itu, ⁸ iaitu meja dengan segala wadahnya, kaki pelita murni dengan segala wadahnya, dan mazbah pendupaan, ⁹ mazbah korban bakaran dengan segala wadahnya, bejana pembasuhan dengan kekaknya, ¹⁰ pakaian yang halus tenunannya, pakaian suci untuk imam Harun dan pakaian anak-anaknya untuk menunaikan tugas keimaman, ¹¹ minyak

tahbis, serta dupa daripada rempah-ratus yang harum untuk Tempat Suci itu. Hendaklah dilakukan mereka sebagaimana segala yang telah Kuperintahkan kepadamu.”

Menguduskan hari Sabat

¹² Tuhan berfirman kepada Musa, ¹³ “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Sesungguhnya, hendaklah kamu pelihara hari-hari Sabat-Ku, kerana itulah tanda peringatan antara Aku dengan kamu turun-temurun, supaya kamu tahu bahawa Akulah Tuhan yang menyucikan kamu. ¹⁴ Maka, peliharalah hari Sabat kerana hari itu hari yang suci bagimu. Sesiapa yang mencemarinya pastilah dihukum mati, kerana sesiapa pun yang melakukan pekerjaan pada hari itu, nyawanya harus dilenyapkan daripada kalangan bangsanya. ¹⁵ Hendaklah pekerjaan dilakukan selama enam hari, tetapi hari ketujuh ialah hari Sabat, hari istirahat penuh yang suci bagi Tuhan. Maka sesiapa pun yang melakukan pekerjaan pada hari Sabat pasti dihukum mati. ¹⁶ Oleh sebab itu orang Israel hendaklah memelihara hari Sabat dengan merayakannya turun-temurun sebagai suatu perjanjian yang berkekalan. ¹⁷ Itulah tanda

31:15: Kel 20:8-11; 23:12; 34:21; 35:2; Im 23:3; Ul 5:12-14. **31:17:** Kel 20:11.

peringatan antara Aku dengan orang Israel untuk selama-lamanya, kerana enam hari lamanya Tuhan menjadikan langit dan bumi, dan pada hari ketujuh Dia berhenti daripada kerja penciptaan itu lantas berasa puas.”

¹⁸ Setelah Tuhan selesai berfirman kepada Musa di Gunung Sinai, Dia menyerahkan kepada Musa kedua-dua loh hukum Allah, iaitu loh batu yang ditulis oleh Tuhan sendiri.

Arca anak lembu emas

32 ¹ Apabila orang Israel melihat bahawa Musa masih belum turun dari gunung itu, mereka berkumpul dan mengerumuni Harun lalu berkata kepadanya, “Buatkan kami tuhan-tuhan yang dapat memimpin kami kerana kami tidak tahu apa yang telah terjadi kepada Musa yang membawa kami keluar dari Tanah Mesir.”

² Lalu Harun berkata kepada mereka, “Tanggalkanlah anting-anting emas yang ada pada telinga isterimu, anak lelakimu, dan anak perempuanmu dan bawalah kesemuanya kepadaku.” ³ Maka seluruh bangsa itu menanggalkan anting-anting emas yang ada pada telinga mereka dan membawanya kepada Harun. ⁴ Harun menerima semua itu daripada

tangan mereka lalu meleburkannya di dalam sebuah relau cetakan dan membentuknya untuk menjadi arca anak lembu. Kemudian berkatalah kumpulan orang itu, “Wahai orang Israel, inilah tuhan kamu, yang telah memimpin kamu keluar dari Tanah Mesir!”

⁵ Apabila Harun melihat keadaan itu, dia pun membina sebuah mazbah di hadapan arca anak lembu itu, lalu berserulah dia, “Esok kita adakan pesta demi meraikan Tuhan!” ⁶ Pagi-pagi lagi pada keesokan harinya bangunlah mereka lantas mereka mempersembahkan korban bakaran serta membawa korban kedamaian. Dan umat itu duduk untuk makan minum, lalu bangkit untuk bersuka ria.

⁷ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa, “Pergilah, turunlah, kerana bangsamu yang kamu pimpin keluar dari Tanah Mesir telah berkelakuan buruk. ⁸ Sebegitu cepat mereka terpesong daripada jalan yang Kuperintahkan kepada mereka. Mereka membuat sebuah arca anak lembu dan sujud menyembahnya serta mempersembahkan korban kepadanya sambil berkata, ‘Wahai orang Israel, inilah tuhanmu, yang telah memimpin kamu keluar dari Tanah Mesir!’ ⁹ Firman Tuhan lagi kepada Musa, “Aku telah melihat bangsa ini.

Sesungguhnya, mereka memang bangsa yang keras kepala. ¹⁰ Sekarang, tinggalkanlah Aku. Biarkan murka-Ku menyala terhadap mereka. Akan Kuhabiskan mereka, tetapi kamu akan Kubuat menjadi bangsa yang besar.”

¹¹ Namun demikian, Musa memohon belas kasihan Tuhan, Allahnya. Dia berkata, “Ya Tuhan, mengapakah murka-Mu menyala terhadap umat-Mu yang Engkau bawa keluar dari Tanah Mesir dengan kuasa yang besar dan dengan tangan yang kuat? ¹² Mengapakah orang Mesir harus berkata begini: ‘Dia membawa mereka keluar dengan niat jahat, yaitu untuk memusnahkan mereka di pergunungan dan untuk melenyapkan mereka daripada muka bumi’? Semoga Engkau berpalinglah daripada murka-Mu yang menyala-nyala dan berbelas kasihanlah. Janganlah datangkan malapetaka kepada umat-Mu. ¹³ Ingatlah para hamba-Mu yaitu Abraham, Ishak, dan Israel, dan betapa Engkau telah bersumpah kepada mereka demi diri-Mu sendiri dan telah berfirman kepada mereka, ‘Aku akan memperbanyak keturunanmu seperti bintang di langit. Seluruh negeri yang telah Kujanjikan ini akan Kukurniakan kepada keturunanmu, dan mereka akan mewarisinya

untuk selama-lamanya.”¹⁴ Maka Tuhan pun berbelas kasihan dan tidak mendatangkan malapetaka kepada umat-Nya seperti yang direncanakan-Nya.

¹⁵ Musa berpaling lalu turun dari gunung itu dengan dua loh hukum di tangannya. Pada dua sisi loh itu, sebelah-menyebelah, tertera tulisan.

¹⁶ Dua keping loh itu buatan Allah dan tulisannya ialah tulisan Allah yang terukir pada loh-loh itu.

¹⁷ Ketika Yosua mendengar hingar bingar bunyi sorakan umat itu, berkatalah dia kepada Musa, “Ada bunyi keriuhan peperangan di perkhemahan.”

¹⁸ Jawab Musa,

“Yang kudengar bukan bunyi teriakan kemenangan dan bukan bunyi teriakan kekalahan, melainkan bunyi orang menyanyi berbalas-balasan.”

¹⁹ Lalu apabila dia menghampiri perkhemahan dan melihat arca anak lembu itu serta orang berpesta menari-nari itu, menyalalah kemarahan Musa. Dia menghempaskan loh-loh itu daripada tangannya dan memecahkannya di kaki gunung itu. ²⁰ Diambilnya anak lembu yang dibuat mereka itu, lalu dibakarnya habis. Digilingnya lumat-lumat, lalu ditaburkannya ke air. Setelah itu, disuruhnya orang Israel meminumnya.

²¹ Berkatalah Musa kepada Harun, “Apakah yang dilakukan umat ini terhadap kamu, sehingga kamu mendatangkan dosa yang begitu besar atas mereka?”

²² Kata Harun, “Janganlah hendaknya amarah tuanku menyala-nyala, tuan sendiri tahu betapa jahatnya umat ini. ²³ Mereka berkata kepadaku, ‘Buatkan kami tuhan-tuhan yang dapat memimpin kami kerana kami tidak tahu apa yang telah terjadi kepada Musa yang membawa kami keluar dari Mesir.’ ²⁴ Lalu aku berkata kepada mereka, ‘Sesiapa yang memiliki emas, tanggalkanlah. Mereka pun memberikannya kepadaku dan aku menuangkannya ke dalam api, lalu keluarlah arca anak lembu ini.”

²⁵ Ketaralah kepada Musa bahawa akibat perbuatan Harun, umat itu sudah menjadi tidak terkawal lagi hingga mengaibkan orang Israel sendiri di hadapan para musuh mereka. ²⁶ Maka berdirilah Musa di pintu gerbang perkhemahan itu lalu berkata, “Sesiapa yang memihak kepada Tuhan, datanglah kepadaku!” Lalu berkumpullah seluruh bani Lewi di sekelilingnya. ²⁷ Kata Musa kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Hunuslah pedang kamu masing-masing! Lintasilah perkhemahan ini dari pintu ke pintu dan bunuhlah saudara, sahabat, dan tetangga masing-masing!’ ²⁸ Bani Lewi pun melaksanakan

seperti yang diarahkan oleh Musa itu lalu pada hari itu matilah kira-kira tiga ribu orang dalam kalangan umat itu. ²⁹ Kemudian Musa berkata, “Pada hari ini kamu telah mentahbiskan dirimu demi Tuhan, kerana masing-masing mengorbankan anaknya dan saudaranya semoga Dia mengurniakan berkat kepadamu pada hari ini.”

³⁰ Keesokan harinya, Musa berkata kepada umat itu, “Kamu telah melakukan dosa besar, maka aku akan naik menghadap Tuhan, mudah-mudahan aku mendapat pendamaian bagi dosa kamu itu.” ³¹ Lalu kembalilah Musa menghadap Tuhan dan berkata, “Ya, umat itu telah berdosa besar dengan membuat untuk diri mereka tuhan daripada emas. ³² Semoga Engkau ampunkanlah dosa mereka itu, namun begitu, jika tidak, semoga dihapuskan sahaja namaku daripada kitab yang telah Kautulis nama para umat-Mu.”

³³ Firman Tuhan kepada Musa, “Sesiapa yang berdosa terhadap Aku, dialah yang akan Kuhapuskan daripada kitab-Ku. ³⁴ Sekarang, pergilah. Pimpinlah bangsa itu ke tempat yang telah Kunnyatakan kepadamu. Sesungguhnya, malaikat-Ku akan mendahului perjalananmu.

Akan tetapi, pada hari pembalasan-Ku kelak, atas mereka itu akan Aku balas dosa mereka.”

³⁵ Kemudian Tuhan mengazabkan orang Israel dengan bencana penyakit atas sebab perbuatan mereka dalam hal arca anak lembu yang dibuat oleh Harun itu.

Diperintahkan untuk meninggalkan daerah Sinai

33 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Berangkatlah dan pergilah dari tempat ini, kamu serta umat yang telah kamu pimpin keluar dari Tanah Mesir itu. Tujuilah negeri yang telah Kujanjikan dengan bersumpah kepada Abraham, Ishak, dan Yakub dengan berfirman, ‘Kepada keturunanmu akan Aku kurniaknya ² dan akan Kuutus malaikat-Ku berjalan mendahuluiimu dan akan Kuusir bani Kanaan, bani Amori, bani Het, bani Feris, bani Hewi, dan bani Yebus. ³ Pergilah ke negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu itu. Atas sebab kamu umat yang keras kepala, Aku sendiri tidak akan hadir menyertai kamu agar Aku tidak membinasakan kamu ketika kamu dalam perjalanan.”

⁴ Apabila terdengar kata-kata ancaman yang mengerikan itu, berkabunglah umat itu; tiada

sesiapa pun antara mereka memakai barang perhiasan. ⁵ Firman Tuhan kepada Musa, “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Kamu ini umat yang keras kepala. Jika Aku hadir menyertai kalangan kamu walaupun sekadar sedetik sahaja, tentu Aku akan membinasakan kamu. Sekarang, tanggalkanlah perhiasanmu, dan Aku akan mempertimbangkan apa yang akan Kulakukan terhadapmu.” ⁶ Maka bermula dari Gunung Horeb, orang Israel tidak lagi memakai barang perhiasan mereka.

Khemah Pertemuan

⁷ Sudah kebiasaan untuk Musa mengambil sebuah khemah lalu memasangnya di luar kawasan perkhemahan, agak jauh dari perkhemahan. Dia menamai khemah itu Khemah Pertemuan. Maka sesiapa pun yang mahu mendapatkan petunjuk Tuhan akan pergi ke Khemah Pertemuan, yang terletak di luar perkhemahan itu. ⁸ Apabila Musa pergi ke khemah itu, bangkitlah seluruh warga lantas masing-masing berdiri di pintu khemahnya. Pandangan mereka mengikuti Musa sampai dia masuk ke dalam khemah itu. ⁹ Setelah Musa masuk ke dalam khemah itu, turunlah tiang awan lalu berdiri tegak di pintu khemah itu. Kemudian Tuhan pun berfirman kepada Musa.

¹⁰ Apabila seluruh umat itu melihat tiang awan berdiri di pintu khemah, mereka pun segera sujud menyembah, masing-masing di pintu khemahnya. ¹¹ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa secara berhadapan muka, sama seperti manusia bercakap dengan sahabatnya. Setelah itu, kembalilah Musa ke perkhemahan, tetapi Yosua anak Nun, pemuda yang menjadi penolongnya, tidak meninggalkan khemah itu.

¹² Musa berkata kepada Tuhan, “Memang Engkau ada berfirman kepadaku, ‘Pimpinlah bangsa ini,’ tetapi Engkau tidak memberitahuku siapa yang akan Kauutus menyertai aku. Namun demikian, Engkau juga berfirman, ‘Aku mengenal namamu dan Aku berkenan kepadamu.

¹³ Sekarang, jika memang Engkau berkenan kepadaku, nyatakanlah kiranya jalan-jalan-Mu kepadaku, supaya aku dapat mengenal Engkau dan Engkau tetap berkenan kepadaku. Ingatlah juga bahawa bangsa ini ialah umat-Mu.”

¹⁴ Firman-Nya, “Hadirat-Ku akan memimpin kamu dan Aku akan memberikan ketenteraman kepadamu.”

¹⁵ Kata Musa kepada-Nya, “Jika hadirat-Mu tidak memimpin aku, janganlah kami dibawa pergi dari sini. ¹⁶ Dari manakah orang akan tahu bahawa Engkau berkenan kepadaku, iaitu aku dan umat-Mu ini? Bukankah kerana

kehadiran-Mu menyertai kami maka kami, iaitu aku dan umat-Mu ini, dibezakan daripada semua bangsa yang ada di muka bumi?”

¹⁷ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa, “Akan Kulaksanakan hal yang kamu katakan ini, kerana Aku berkenan kepadamu dan Aku mengenal namamu.”

¹⁸ Kata Musa, “Tunjukkanlah kiranya kepadaku kemuliaan-Mu.”

¹⁹ Firman-Nya, “Segala kegemilangan-Ku akan Kulalukan di hadapanmu dan Aku akan menyeru nama Tuhan di hadapanmu. Aku akan mengasihani sesiapa yang Kukasihani dan Aku akan berbelas kasihan kepada sesiapa yang Kubelaskasihi.” ²⁰ Firman-Nya lagi, “Kamu tidak dapat memandang wajah-Ku, kerana tiada manusia yang dapat memandang Aku dan terus hidup.” ²¹ Firman Tuhan, “Ada sebuah tempat dekat-Ku, dan kamu akan berdiri di atas keutuhan batu pejal itu. ²² Kelak apabila kemuliaan-Ku berlalu, Aku akan meletakkan kamu di celah batu gunung itu dan Aku akan melindungi kamu dengan tangan-Ku sehingga Aku selesai melintas lalu. ²³ Kemudian Aku akan menarik semula tangan-Ku dan kamu akan melihat belakang-Ku, tetapi muka-Ku tidak akan terlihat.”

Dua keping loh batu baru

34 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Pahatlah dua keping loh batu seperti yang dahulu. Akan Kutulis pada loh-loh batu itu firman yang ada pada loh-loh dahulu, yang telah kaupecahkan itu. ² Bersiaplah menjelang pagi hari dan pada pagi-pagi lagi dakilah Gunung Sinai. Berdirilah menghadap Aku di sana, di puncak gunung itu. ³ Tiada seorang pun yang boleh naik bersama denganmu dan jangan ada seorang pun yang boleh kelihatan di seluruh gunung itu, bahkan kawanan ternakan pun tidak boleh meragut rumput di kaki gunung itu.” ⁴ Maka Musa memahat dua keping loh batu seperti loh batu yang dahulu itu. Pagi-pagi lagi dia bangun lalu mendaki Gunung Sinai dengan membawa dua keping loh batu itu di tangannya seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya.

⁵ Turunlah Tuhan dalam awan lalu hadir dan berdiri bersama-sama Musa di sana seraya menyeru nama Tuhan. ⁶ Kemudian Tuhan melintas di hadapan Musa lalu berseru, “Tuhan, ya Tuhan, Allah penyayang dan pengasih, panjang sabar, serta berlimpah kasih dan setia; ⁷ Allah mengukuhkan kasih abadi bagi beribu-ribu

orang, mengampunkan kesalahan, pelanggaran, dan dosa, tetapi sekali-kali tidak membebaskan orang yang bersalah daripada hukuman, serta membalas kesalahan ayah kepada anak-anaknya dan cucu-cucunya, kepada keturunan yang ketiga dan yang keempat.”

⁸ Dengan segera Musa bersujud dan menyembah. ⁹ Dia berkata, “Ya Tuhan, jika Engkau benar-benar berkenan kepadaku, maka hadirlah kiranya Tuhan menyertai kami biarpun memang bangsa ini bangsa yang keras kepala. Namun begitu, ampunkanlah kesalahan dan dosa kami, serta terimalah kami untuk menjadi milik-Mu.”

¹⁰ Firman-Nya, “Ketahuilah bahawa Aku membuat satu perjanjian. Di hadapan seluruh bangsamu ini akan Kulakukan keajaiban yang belum pernah terjadi dalam kalangan bangsa mana-mana pun di seluruh bumi ini. Seluruh umat, yang kamu tinggal bersama-sama dalam kalangan mereka, akan menyaksikan pekerjaan Tuhan yang teramat hebatnya, yang akan Kulakukan denganmu. ¹¹ Maka patuhilah betul-betul apa yang Kuperintahkan kepadamu pada hari ini. Sesungguhnya, Aku akan mengusir orang Amori, orang Kanaan, orang Het, orang Feris, orang Hewi, dan orang Yebus dari hadapanmu. ¹² Berhati-hatilah agar kamu tidak

mengikat apa-apa perjanjian dengan penduduk negeri yang kaudatangi itu, agar mereka tidaklah menjadi jerat dalam kalangan kamu.

¹³ Sebaliknya, robohkanlah mazbah-mazbah mereka, hancurkanlah tiang-tiang berhala mereka, dan tebanglah patung berhala Asyera mereka.

¹⁴ Kamu tidak boleh sujud menyembah tuhan lain, kerana Tuhan yang nama-Nya Cemburu, ialah Allah yang cemburu. ¹⁵ Jangan ikat perjanjian dengan penduduk negeri itu kerana pada waktu mereka berzina dengan mengikuti tuhan mereka dan mempersembahkan korban kepada tuhan-tuhan itu, mereka akan menjemput kamu dan kamu akan ikut makan korban sembelihan mereka. ¹⁶ Apabila kamu mengambil anak-anak perempuan mereka menjadi isteri anak-anakmu, dan anak-anak perempuan itu berzina dengan mengikuti tuhan mereka, maka mereka akan membuat anak-anak lelakimu berzina dengan mengikuti tuhan mereka.

¹⁷ Jangan buat bagi dirimu tuhan-tuhan buatan logam.

¹⁸ Tetaplah merayakan Perayaan Roti Tidak Beragi. Seperti yang Aku perintah kepadamu, tujuh hari lamanya kamu harus makan roti yang tidak beragi pada waktu yang ditetapkan dalam bulan Abib, kerana dalam bulan Abib itulah kamu keluar dari Mesir.

¹⁹ Semua yang lahir pertama daripada rahim ialah milik-Ku, dan begitu jugalah semua ternakanmu yang jantan, yang lahir pertama daripada lembu atau domba. ²⁰ Anak keldai yang lahir pertama harus kamu tebus dengan seekor anak domba. Jika kamu tidak menebusnya, kamu hendaklah mematahkan lehernya. Semua anak lelakimu yang sulung harus kamu tebus.

Jangan ada seorang pun menghadap hadirat-Ku dengan tangan kosong.

²¹ Hendaklah kamu bekerja selama enam hari, tetapi hendaklah kamu berhenti pada hari ketujuh, sekalipun pada musim membajak dan pada musim menuai.

²² Rayakanlah Perayaan Tujuh Minggu apabila kamu mula menuai hasil pertama gandum kamu,

34:18: Kel 12:14-20; Im 23:6-8; Bil 28:16-25.

34:19: Kel 13:2.

34:20: Kel 13:13. **34:21:** Kel 20:9,10; 23:12; 31:15; 35:2; Im 23:3; Ul 5:13,14.

34:22: a: Im 23:15-21; Bil 28:26-31; b: Im 23:39-43.

begitu juga Perayaan Pengumpulan Hasil pada penghujung musim bertani.

²³ Tiga kali setahun, hendaklah semua warga lelaki dalam kalangan kamu datang menghadap ke hadirat Tuhanmu, Tuhan Allah Israel. ²⁴ Aku akan mengusir bangsa-bangsa dari hadapanmu dan meluaskan daerahmu. Tiada seorang pun akan mengingini negerimu ketika kamu pergi menghadap ke hadirat Tuhan, Allahmu, tiga kali setahun.

²⁵ Jangan kamu persembahkan darah daripada korban sembelihan yang diperuntukkan bagi Hari Raya-Ku dengan sesuatu yang beragi. Juga sembelihan Hari Raya Paskah tidak boleh tersisa sampai pagi.

²⁶ Bawalah yang terbaik daripada hasil pertama tanahmu ke dalam Bait Tuhan, Allahmu.

Janganlah kamu merebus anak kambing atau anak domba dalam air susu induknya.”

²⁷ Firman Tuhan kepada Musa, “Tulislah firman ini, kerana berdasarkan firman inilah Aku telah membuat perjanjian dengan kamu dan dengan Israel.” ²⁸ Selama empat puluh hari empat puluh malam Musa berada di sana bersama-sama Tuhan, dan selama itulah dia tidak makan roti dan tidak minum air dan dia menulis firman

perjanjian iaitu Sepuluh Perintah, di atas loh-loh batu itu.

²⁹ Sewaktu Musa turun dari Gunung Sinai sambil membawa kedua-dua loh hukum di tangannya, Musa tidak sedar yang kulit mukanya bercahaya-cahaya kerana dia telah berbicara dengan Tuhan. ³⁰ Apabila Harun dan orang Israel melihat Musa dengan kulit mukanya yang bercahaya-cahaya itu, mereka takut mendekatinya. ³¹ Tetapi Musa memanggil mereka, lalu Harun dan semua pemimpin jemaah Israel itu kembali kepadanya, dan berbicaralah Musa kepada mereka. ³² Sesudah itu seluruh orang Israel mendekatinya, lalu Musa mengamanatkan kepada mereka semua yang difirmankan Tuhan kepadanya di atas Gunung Sinai. ³³ Setelah Musa selesai berbicara dengan mereka, diselubungkanlah mukanya. ³⁴ Tetapi ketika Musa masuk menghadap Tuhan untuk berbicara dengan-Nya, dia menanggalkan selubung itu sehingga dia keluar semula. Setelah keluar, dia menyampaikan kepada orang Israel apa yang diperintahkan kepadanya, ³⁵ dan orang Israel melihat kulit muka Musa yang bercahaya-cahaya itu. Kemudian Musa pun

menyelubungkan mukanya semula sampai dia masuk lagi untuk berbicara dengan Tuhan.

Peraturan hari Sabat

35 ¹ Musa mengumpulkan seluruh jemaah Israel dan berkata kepada mereka, “Inilah hal-hal yang diperintahkan Tuhan dan hendaklah kamu lakukannya. ² Hendaklah kamu bekerja selama enam hari, tetapi hendaklah ada untuk kamu hari yang suci pada hari ketujuh, iaitu hari Sabat, hari istirahat penuh takzim yang dikhususkan untuk Tuhan. Sesiapa pun yang melakukan pekerjaan pada hari itu hendaklah dihukum mati. ³ Janganlah kamu nyalakan api di seluruh tempat tinggalmu pada hari Sabat.”

Persembahan khusus untuk Khemah Suci

⁴ Musa berkata kepada seluruh jemaah Israel, “Inilah hal yang diperintahkan oleh Tuhan, ⁵ ‘Bawalah persembahan khusus daripada harta bendamu kepada Tuhan. Setiap orang yang ikhlas hatinya hendaklah membawa persembahan khusus kepada Tuhan berupa emas, perak, dan gangsa, ⁶ serta kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan kain linen halus, bulu kambing, ⁷ kulit domba jantan yang dicelup merah,

kulit anjing laut, kayu akasia, ⁸ minyak untuk pencahayaan, rempah-ratus untuk minyak tahbis dan untuk dupa harum, ⁹ serta batu permata oniks dan batu permata tataan untuk baju efod serta penutup dada.

¹⁰ Setiap orang antara kamu yang memiliki kepakaran hendaklah tampil untuk membuat semua yang diperintahkan oleh Tuhan: ¹¹ Khemah Suci dengan khemah dan penudungnya, cangkuk-cangkuk pengancingnya, papan-papannya, kayu-kayu palangnya, tiang-tiangnya, serta lesung-lesung pasaknya; ¹² tabut dengan kayu pengusungnya, penutup pendamaian, dan tabir penudung; ¹³ meja dengan kayu pengusungnya, segala kelengkapannya, dan roti persembahan; ¹⁴ kaki pelita untuk tatacahaya dengan kelengkapannya, pelitanya, dan minyak untuk pencahayaan; ¹⁵ mazbah pendupaan dengan kayu pengusungnya, minyak tahbis, dan dupa harum; tirai pintu untuk pintu Khemah Suci; ¹⁶ mazbah korban bakaran dengan kekisi gangjanya, kayu pengusungnya, dan segala kelengkapannya; bejana pembasuhan dengan alasnya; ¹⁷ kain yang memagari laman dalam, tiang-tiangnya, alas-alasnya, dan tirai pintu gerbang laman dalam; ¹⁸ pasak-pasak Khemah Suci dan pasak laman dalam dengan talinya; ¹⁹ pakaian yang halus tenunannya untuk

menyelenggarakan peribadatan di tempat suci, pakaian suci untuk Imam Harun, dan pakaian anak-anaknya untuk menunaikan tugas sebagai imam.”

²⁰ Kemudian pergilah seluruh jemaah Israel dari hadapan Musa. ²¹ Sesudah itu datanglah semua orang yang tergerak hati mereka dan semua orang yang ikhlas jiwa mewakafkan persembahan khusus kepada Tuhan untuk pengerjaan Khemah Pertemuan, untuk seluruh peribadatnya, dan untuk pakaian suci. ²² Setiap orang yang ikhlas hatinya, baik lelaki mahupun perempuan, datang membawa anting-anting hidung, anting-anting telinga, cincin mohor, dan gelang tangan iaitu segala jenis barang emas permata. Mereka semua mewakafkan persembahan unjukan daripada emas kepada Tuhan. ²³ Selain itu, setiap orang yang mempunyai kain biru, kain ungu, kain merah menyala, kain linen halus, bulu kambing, kulit domba jantan yang dicelup merah, dan kulit anjing laut, datang membawanya. ²⁴ Setiap orang yang dapat mempersembahkan persembahan khusus daripada perak atau gangsa, mewakafkannya sebagai persembahan khusus kepada Tuhan, dan setiap orang yang mempunyai kayu akasia untuk segala pekerjaan peribadatan datang pula membawanya. ²⁵ Setiap perempuan yang ahli dalam hal memintal

dengan tangannya sendiri datang membawa barang yang dipintalnya, iaitu kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan kain linen halus. ²⁶ Kemudian setiap perempuan yang tergerak hatinya kerana memiliki keahlian itu pun memintal bulu kambing. ²⁷ Para pemimpin membawa batu permata unam dan batu permata tataan untuk baju efod serta penutup dada, ²⁸ rempah-ratus dan minyak untuk pencahayaan, untuk minyak tahbis, dan untuk dupa harum. ²⁹ Semua lelaki dan perempuan yang ikhlas hati membawa sesuatu bagi segala pekerjaan yang harus dilakukan, selaras dengan apa yang diperintahkan oleh Tuhan dengan perantaraan Musa. Orang Israel datang mewakafkan semuanya sebagai persembahan sukarela kepada Tuhan.

Pembinaan Khemah Suci

³⁰ Musa berkata kepada orang Israel, "Lihat, Tuhan telah memanggil Bezaleel anak Uri anak Hur, daripada suku Yehuda. ³¹ Dia sudah memenuhi Bezaleel dengan Roh Allah, dengan kebijaksanaan, pengertian, pengetahuan, dan segala kepandaian ³² supaya dia merancang pengerjaan emas, perak, dan gangsa, ³³ pengukiran batu permata untuk ditatah, serta pengukiran kayu, dan supaya semua

rancangan itu dapat dikerjakannya. ³⁴ Allah telah mengurniakan dalam hatinya kemahiran untuk mengajar orang lain, dan begitu jugalah dalam hati Aholiab anak Ahisamakh daripada suku Dan. ³⁵ Mereka itu telah dipenuhi-Nya dengan kemahiran untuk mengerjakan segala pekerjaan tukang, pekerjaan pakar, pekerjaan menyulam kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan kain linen halus, serta pekerjaan tukang tenun. Jadi, mereka semua pelaksana segala jenis pekerjaan serta pereka bentuk yang mahir.

36 ¹ Bezaleel, Aholiab, juga setiap warga berkemahiran yang dianugerahi kebijaksanaan dan pengertian oleh Tuhan agar mereka tahu bagaimana mengerjakan segala jenis pekerjaan untuk peribadatan di tempat suci, hendaklah bekerja sebagaimana yang Tuhan perintahkan.”

² Kemudian Musa memanggil Bezaleel, Aholiab, serta setiap warga yang berkemahiran dianugerahi Tuhan kebijaksanaan, iaitu setiap orang yang tergerak hatinya untuk datang memikul pekerjaan itu. ³ Daripada tangan Musa, mereka menerima kesemua persembahan khusus yang dibawa oleh orang Israel untuk melaksanakan pekerjaan pembinaan tempat suci. Sementara itu, tiap-tiap pagi orang masih terus membawa persembahan

sukarela kepada Musa. ⁴ Maka tampillah semua warga yang berkemahiran iaitu para tukang, masing-masing meninggalkan pekerjaan yang sedang dikerjakannya, untuk melaksanakan segala pekerjaan pembinaan tempat suci itu.

⁵ Berkatalah mereka kepada Musa, “Lebih daripada cukup bahan yang dibawa oleh umat demi pelaksanaan pekerjaan yang diperintahkan oleh Tuhan itu.”

⁶ Lalu Musa memerintahkan supaya diuar-uarkan di perkhemahan bahawa: “Jangan lagi ada lelaki atau perempuan yang membuat sesuatu untuk dijadikan persembahan khusus bagi tempat suci.” Maka umat itu dicegah daripada membawa persembahan lagi, ⁷ kerana bahan yang diperlukan mereka untuk melakukan segala pekerjaan itu sudah cukup, bahkan berlebihan.

Khemah Suci

⁸ Lalu semua tukang dalam kalangan pelaksana pekerjaan Khemah Suci itu membuat sepuluh helai tabir dewangga daripada linen halus yang dipintal serta daripada kain biru, kain ungu, dan kain merah menyala, dilengkapi dengan sulaman arca kerubin hasil kerja pereka bentuk yang mahir. ⁹ Setiap helai tabir itu sepanjang dua puluh lapan hasta dan selebar empat hasta, kesemuanya sama ukurannya. ¹⁰ Lima

helai tabir itu dicantumkan antara satu sama lain, dan demikian jugalah lima helai lagi tabir itu. ¹¹ Mereka membuat gegelung pengancing daripada kain biru di tepi tabir terhujung cantuman yang pertama, demikian pula di tepi tabir terhujung cantuman kedua, ¹² lima puluh gegelung pengancing pada tabir yang pertama dan lima puluh gegelung pengancing di tepi tabir kedua. Gegelung-gegelung pengancing itu saling berhadapan. ¹³ Setelah itu, mereka membuat lima puluh cangkuk pengancing emas dan menyambungkan tabir-tabir Khemah Suci itu antara satu sama lain dengan cangkuk-cangkuk pengancing tersebut sehingga terbentuklah satu Khemah Suci.

¹⁴ Selanjutnya mereka juga membuat sebelas helai tabir daripada bulu kambing untuk dijadikan atap khemah yang menutupi Khemah Suci. ¹⁵ Kesebelas-sebelas tabir itu sama ukurannya iaitu sepanjang tiga puluh hasta dan selebar empat hasta. ¹⁶ Lalu mereka jahit untuk mencantumkannya lima tabir menjadi satu tabir cantuman tersendiri dan enam helai tabir lagi dijahit dan dicantumkan juga menjadi tabir cantuman tersendiri. ¹⁷ Mereka membuat lima puluh gegelung pengancing di birai tabir terhujung bagi tabir cantuman pertama, dan lima puluh gegelung pengancing di birai tabir

terhujung bagi tabir cantuman yang kedua.

¹⁸ Lalu mereka membuat pula lima puluh cangkuk pengancing gangsa untuk mengancing tabir-tabir itu agar menjadi satu kesatuan berupa sebuah khemah. ¹⁹ Selain itu, mereka juga membuat penudung daripada kulit domba jantan yang dicelup merah, dan daripada kulit anjing laut, untuk melapisi bahagian atas khemah itu.

²⁰ Kemudian mereka membuat rangka papan-papan tegak daripada kayu akasia untuk Khemah Suci. ²¹ Panjang setiap keping papan sepuluh hasta dan satu setengah hasta lebarnya. ²² Pada setiap papan ada dua pasak yang membolehkan papan-papan itu saling dihubungkan antara satu sama lain. Mereka melakukan itu terhadap semua papan Khemah Suci. ²³ Mereka membuat dua puluh papan bagi sisi sebelah selatan Khemah Suci, ²⁴ dan mereka juga membuat empat puluh lesung pasak daripada perak untuk dipasangkan di bawah kesemua dua puluh papan itu, dua lesung pasak di bawah setiap papan, masing-masing untuk dipasangkan dengan kedua-dua pasak setiap papan itu. ²⁵ Bagi sisi kedua Khemah Suci, iaitu di sebelah utara, mereka membuat dua puluh rangka papan ²⁶ lengkap dengan kesemua empat puluh rongga peraknya, dua lesung pasak di bawah setiap papan. ²⁷ Untuk

bahagian belakang Khemah Suci, iaitu di sebelah barat, mereka membuat enam rangka papan. ²⁸ Selain itu, mereka juga membuat dua rangka papan bagi bahagian sudut belakang Khemah Suci itu. ²⁹ Kedua-dua rangka papan bahagian sudut itu dua kali ganda tebalnya dari situ sampai bawah dan muat betul-betul ke dalam gegelang pertama. Demikianlah yang dilakukan mereka bagi kedua-dua papan di kedua-dua sudut itu. ³⁰ Jadi, ada lapan rangka papan lengkap dengan enam belas lesung pasaknya daripada perak, iaitu dua lesung pasak di bawah setiap papan. ³¹ Mereka juga membuat palang-palang daripada kayu akasia: lima batang untuk rangka papan pada satu sisi Khemah Suci, ³² dan lima batang untuk rangka papan pada sisi kedua, dan lima batang lagi untuk rangka papan pada bahagian belakang Khemah Suci, iaitu di sebelah barat. ³³ Mereka membuat kayu palang di bahagian tengah melintang dari hujung ke hujung, setinggi setengah rangka papan itu. ³⁴ Lalu mereka menyalut papan-papan itu dengan emas dan membuat gegelang-gegelang daripada emas sebagai tempat memasukkan kayu palang itu. Kayu-kayu palang itu mereka saluti juga dengan emas.

³⁵ Setelah itu, mereka membuat tabir daripada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan

kain linen halus yang dipintal, lengkap dengan sulaman arca kerubin hasil kerja seorang pereka bentuk yang mahir. ³⁶ Untuk tabir itu mereka membuat empat batang tiang daripada kayu akasia dan menyalutnya dengan emas. Mereka juga membuat cangkuk-cangkuk daripada emas untuk tiang itu, serta membuat lesung pasak leburan daripada perak. ³⁷ Kemudian mereka membuat tirai untuk pintu khemah itu daripada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan kain linen halus yang dipintal, siap dengan sulamannya. ³⁸ Untuk tirai itu dibuat lima batang tiang lengkap dengan cangkuk-cangkuknya. Mereka menyalut kepalanya dan pengancingnya dengan emas, manakala kelima-lima lesung pasaknya dibuat daripada gangsa.

Pembuatan tabut perjanjian

37 ¹ Bezaleel membuat tabut daripada kayu akasia yang berukuran sepanjang dua setengah hasta dan selebar satu setengah hasta, dan setinggi setengah hasta. ² Bahagian dalam dan luar tabut itu disalutnya dengan emas tulen, manakala di sekeliling bahagian atasnya dibuatnya bingkai emas. ³ Dia membuat empat urat gelang emas leburan pada keempat-empat penjuruanya, iaitu dua urat gelang pada satu sisi dan dua urat gelang

juga pada sisi yang setentang dengan sisi itu. ⁴ Lalu dia membuat pengusung daripada kayu akasia dan menyalutinya dengan emas. ⁵ Dia pun memasukkan kayu pengusung itu ke dalam gegelang pada dua sisi tabut itu, supaya dengannya tabut itu dapat diusung. ⁶ Kemudian dia membuat pula penutup pendamaian, daripada emas tulen, sepanjang dua setengah hasta dan selebar satu setengah hasta. ⁷ Dia juga membuat dua arca kerubin daripada emas tempaan pada kedua-dua hujung penutup pendamaian itu. ⁸ Satu arca kerubin di satu hujung dan satu arca kerubin di hujung lagi satu. Kedua-dua arca kerubin itu dibuat secara bersepadu dengan penutup pendamaian itu, pada kedua-dua hujungnya. ⁹ Arca-arca kerubin itu mengembangkan sayap-sayapnya ke atas, menudungi penutup pendamaian itu dengan sayap-sayapnya, sementara mukanya berhadapan antara satu sama lain, menghadap ke arah penutup pendamaian itu.

Pembuatan meja

¹⁰ Bezaleel juga membuat meja daripada kayu akasia sepanjang dua hasta, selebar sehasta, dan setinggi satu setengah hasta. ¹¹ Dia menyaluti meja itu dengan emas tulen serta dibuatnya bingkai emas di sekelilingnya.

¹² Selanjutnya dia membuat jalur tepi selebar telapak tangan, lengkap dengan bingkai emas di sekeliling jalur tepi itu. ¹³ Dibuatnya pula empat urat gelang emas leburan, lalu dipasangnya gelang-gelang itu pada keempat-empat penjuru meja itu, di keempat-empat kakinya. ¹⁴ Berdekatan dengan jalur tepi tadi diletakkan gelang-gelang itu yang berfungsi sebagai wadah bagi memasukkan kayu pengusung agar meja itu dapat diusung. ¹⁵ Lalu dibuatnya pula pengusung daripada kayu akasia dan disaluti kayu pengusung itu dengan emas, supaya dengan pengusung itu meja dapat diusung. ¹⁶ Dia membuat segala alat kelengkapan yang perlu diletakkan di atas meja, iaitu kesemua pinggan serta pendupaan, dan mangkuk dan pialanya, yang akan dipakai untuk persembahan minuman kesemuanya daripada emas tulen.

Pembuatan kaki pelita

¹⁷ Kemudian Bezaleel membuat kaki pelita daripada emas tulen. Daripada emas tempaan dibuatnya kaki pelita iaitu kakinya dan batangnya. Kuncupnya, kelopakannya, dan mahkotanya dibuatnya secara bersepadu dengan kaki pelita itu. ¹⁸ Enam cabang timbul dari sisi-sisi kaki pelita itu: tiga cabang dari satu sisi dan tiga cabang lagi dari sisi yang

satu lagi. ¹⁹ Ada tiga kuncup seperti bunga badam pada cabang yang satu, lengkap dengan kelopak dan mahkotanya, dan tiga kuncup seperti bunga badam pada cabang yang satu lagi, lengkap dengan kelopak dan mahkotanya. Demikian jugalah keenam-enam cabang yang timbul dari kaki pelita itu. ²⁰ Pada kaki pelita itu sendiri ada empat kuncup bunga badam lengkap dengan kelopak dan mahkotanya. ²¹ Satu kelopak di bawah dua cabang pertama, satu kelopak di bawah dua cabang kedua, dan satu kelopak lagi di bawah dua cabang ketiga daripada keenam-enam cabang yang timbul dari kaki pelita itu. ²² Kelopak-kelopak serta cabang-cabang itu bersepadu dengan kaki pelita itu, seluruhnya daripada sepotong emas tulen tempaan. ²³ Dibuatnya pula daripada emas tulen tujuh buah pelita untuk kaki pelita itu, penyepit sumbu, serta perbaraannya. ²⁴ Kaki pelita dengan segala kelengkapannya itu dibuatnya daripada satu talenta emas tulen.

Pembuatan mazbah pendupaan

²⁵ Selanjutnya dia membuat mazbah pendupaan daripada kayu akasia berbentuk empat persegi, sehasta panjangnya, sehasta lebarnya, dan dua hasta tingginya. Tanduk-tanduknya secara bersepadu dengannya. ²⁶ Dia

menyaluti semuanya dengan emas tulen, baik sisi atasnya, sisi-sisi sekelilingnya, mahupun tanduk-tanduknya, lalu dibuatnya bingkai emas di sekelilingnya. ²⁷ Pada bahagian bawah bingkai di kedua-dua sisinya, dibuat pula dua urat gegelang emas sebagai tempat untuk memasukkan kayu pengusung supaya tempat pembakaran itu dapat diusung. ²⁸ Kayu pengusungnya pula dibuatnya daripada kayu akasia yang disaluti emas.

²⁹ Seterusnya dia membuat minyak tahbis yang suci dan dupa yang murni daripada rempah-ratus yang harum, seperti hasil kerja ahli pembuat wangi-wangian.

Pembuatan mazbah korban bakaran

38 ¹ Bezaleel membuat mazbah korban bakaran berbentuk empat persegi, panjangnya lima hasta, lebarnya lima hasta, dan tingginya tiga hasta, daripada kayu akasia.

² Pada keempat-empat penjurunya dibuatnya tanduk-tanduk secara bersepadu dengan tempat persembahan itu, lalu disalutnya dengan gangsa. ³ Dia juga membuat segala kelengkapan mazbah itu, iaitu segala periuknya, penyodoknya, mangkuknya, cangkuk daging, dan pendupaannya, kesemuanya daripada

gangsa. ⁴ Kemudian dipasangnya rangkaian kekisi gangsa, pada mazbah itu di bawah birainya, mulai bahagian bawah hingga rangkaian kekisi itu mencapai setengah ketinggian mazbah.

⁵ Dia membuat empat urat gegelang leburan untuk dipasang pada keempat-empat penjuru kekisi gangsa itu sebagai tempat memasukkan kayu pengusung. ⁶ Lalu dibuatnya pengusung daripada kayu akasia dan disalutnya dengan gangsa. ⁷ Selanjutnya dia memasukkan kayu-kayu pengusung itu ke dalam gegelang-gegelang yang ada pada sisi mazbah itu, supaya dengan kayu itu mazbah dapat diusung. Mazbah itu dibuatnya berongga dan daripada papan.

Pembuatan bejana untuk pembasuhan

⁸ Bezaleel pun membuat bejana pembasuhan besar daripada gangsa, dengan kekaknya juga daripada gangsa yang diambil daripada cermin-cermin para pelayan perempuan yang menjalankan tugas pelayanan di pintu Khemah Pertemuan.

Pembuatan laman dalam

⁹ Selanjutnya Bezaleel membuat laman dalam yang bahagian sebelah selatannya dipagari

dengan kain linen halus yang dipintal sepanjang seratus hasta. ¹⁰ Sangganya ialah dua puluh batang tiang dengan dua puluh lesung pasak daripada gangsa manakala cangkuk-cangkuk serta segala pita penghubungnya dibuat daripada perak. ¹¹ Begitu jugalah halnya dengan bahagian sebelah utara yang dipagari kain linen sepanjang seratus hasta yang disangga oleh dua puluh batang tiang dengan dua puluh lesung pasak daripada gangsa manakala cangkuk-cangkuk serta segala pita penghubungnya dibuat daripada perak. ¹² Di sebelah barat digantungkan hamparan kain linen sepanjang lima puluh hasta, disangga oleh sepuluh batang tiang lengkap dengan sepuluh buah lesung pasaknya, cangkuk-cangkuk tiang serta segala pita penghubungnya yang kesemuanya dibuat daripada perak. ¹³ Lebar bahagian sebelah timur juga lima puluh hasta, ¹⁴ dengan hamparan gantung kain linen selebar lima belas hasta di satu sisi pintu masuk, disangga oleh tiga batang tiang dengan tiga buah lesung pasaknya. ¹⁵ Begitu jugalah di sisi satu lagi. Jadi, sebelah kiri dan kanan pintu masuk laman dalam itu tertutup oleh kain sepanjang lima belas hasta yang disangga oleh tiga batang tiang lengkap dengan tiga buah lesung pasaknya. ¹⁶ Maka sekeliling laman dalam itu dipagari oleh kain linen halus yang dipintal. ¹⁷ Semua

lesung pasak bagi tiang-tiangnya dibuat daripada gangsa manakala cangkuk-cangkuk serta segala pita penghubungnya daripada perak. Kepala setiap tiang disaluti perak, dan semua tiang laman dalam itu dihubungkan dengan perak.

¹⁸ Tabir bagi pintu masuk laman dalam ialah hasil kerja sulaman pada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal, berhiaskan sulaman. Panjangnya ialah dua puluh hasta, dan tingginya serta lebarnya ialah lima hasta, sama lebarnya dengan kain yang memagari laman dalam itu. ¹⁹ Tabir pintu masuk itu disangga oleh empat batang tiang, lengkap dengan empat buah lesung pasaknya daripada gangsa. Cangkuk-cangkuk serta segala pita penghubungnya dibuat daripada perak, dengan kepala tiangnya juga bersalut perak.

²⁰ Semua pasak bagi Khemah Suci serta pasak untuk sekeliling laman dalam itu dibuat daripada gangsa.

Bahan-bahan bagi pembinaan Khemah Suci

²¹ Inilah daftar segala bahan yang digunakan untuk Khemah Suci, iaitu Khemah Suci tempat loh hukum, yang tersenarai dan tersusun oleh bani Lewi di bawah pimpinan Itamar, anak Imam Harun, atas perintah Musa.

²² Bezaleel anak Uri anak Hur, daripada suku Yehuda, mengerjakan semua seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

²³ Dia dibantu oleh Aholiab anak Ahisamakh daripada bani Dan, seorang tukang dalam bidang mengukir, merancang, juga menyulam kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan kain linen halus.

²⁴ Jumlah kesemua emas yang digunakan dalam semua pekerjaan mendirikan tempat suci itu ialah dua puluh sembilan talenta dan tujuh ratus tiga puluh syikal, menurut syikal rasmi Khemah Suci. ²⁵ Manakala perak daripada persembahan semua orang yang terdaftar dalam kalangan umat berjumlah 100 talenta dan 1,775 syikal, menurut syikal rasmi Khemah Suci. ²⁶ Setiap orang memberikan persembahan sebanyak satu beka, iaitu setengah syikal, menurut syikal rasmi Khemah Suci. Jumlah mereka yang terdaftar, iaitu mereka yang berumur dua puluh tahun ke atas, ialah 603,550 orang. ²⁷ Seratus talenta perak digunakan sebagai perak leburan bagi lesung pasak tempat suci dan lesung pasak tiang tabir itu, yang seluruhnya berjumlah seratus. Jadi, satu talenta untuk satu lesung pasak. ²⁸ Baki sebanyak 1,775 syikal perak itu

digunakan pula untuk membuat cangkuk pada tiang-tiang, untuk menyalut kepala-kepala tiang, dan membuat pita penghubungnya. ²⁹ Gangsa persembahan unjukan berjumlah 70 talenta dan 2,400 syikal. ³⁰ Daripada kesemua itu dibuat lesung pasak pintu Khemah Pertemuan, mazbah daripada gangsa lengkap dengan kekisi dan segala kelengkapan mazbah, ³¹ dan lesung pasak di sekeliling laman dalam, lesung pasak pintu masuk laman dalam, semua pasak Khemah Suci, dan semua pasak di sekeliling laman dalam.

Pembuatan pakaian imam

39 ¹ Daripada kain biru, kain ungu, dan kain merah menyala, Bezaleel dan Aholiab membuat pakaian yang berjalin kemili untuk penyelenggaraan ibadat di tempat suci. Mereka juga membuat pakaian suci untuk Harun, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

² Mereka membuat baju efod daripada bahan emas, kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan kain linen halus yang dipintal.

³ Emas ditempa untuk menjadi lembaran lalu dipotong-potong menjadi benang untuk disulam pada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus menurut kepakaran dan hasil kerja seorang pekerja mahir. ⁴ Kemudian mereka membuat tali penutup bahu yang bersambung

pada kedua-dua hujung baju efod itu. ⁵ Ikat pinggang hasil kerja seorang pereka bentuk yang mahir disambungkan pula pada baju efod itu, bersepadu dan sedondon dengan baju efod itu, iaitu daripada emas, kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa. ⁶ Mereka menatah pula batu permata oniks secara jalinan kemili dengan ikatan emas, lalu sebagaimana pengukiran cincin materai, pada batu permata itu diukirkan nama para anak Israel. ⁷ Setelah itu, mereka menempatkan batu permata itu pada tali-tali penutup bahu baju efod sebagai permata peringatan untuk mengingat anak-anak Israel, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

⁸ Lalu mereka membuat penutup dada, melalui hasil kepakaran seorang pekerja mahir, sama seperti baju efod itu, iaitu daripada emas, kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal. ⁹ Bentuknya empat persegi, dibuat berlapis dua, sejengkal panjangnya dan sejengkal lebarnya. ¹⁰ Di penutup dada itu mereka pasangkan empat baris batu permata tataan: pertama sebaris batu permata berupa akik merah, manikam kuning, dan zamrud. ¹¹ Di baris kedua batu permata firus, nilam, dan intan; ¹² dan di baris ketiga pula zirkon yakut,

akik putih, dan kecubung. ¹³ Manakala di baris keempat ialah topaz, oniks, dan yaspis dan semuanya diikatkan bertatah emas. ¹⁴ Jumlah batu permata ini dua belas biji iaitu sejajar dengan jumlah nama anak Israel. Masing-masing batu permata itu diukir seperti materai, diukirkan satu nama daripada dua belas suku itu. ¹⁵ Di atas penutup dada itu mereka membuat beberapa rantai berjalin kemili seperti tali daripada emas tulen. ¹⁶ Lalu mereka membuat dua urat ikatan emas dan dua urat gelang emas. Kedua-dua gelang itu dipasang mereka pada kedua-dua hujung penutup dada, ¹⁷ dan pada gelang itu mereka sambungkan kedua jalinan rantai emas tadi. ¹⁸ Dua hujung yang lain daripada kedua-dua jalinan itu mereka pasang pada dua ikatan emas tadi. Dengan demikian, kedua-duanya terpasang pada tali-tali bahu baju efod di sebelah depan. ¹⁹ Kemudian mereka membuat dua lagi gelang emas lalu memasangnya pada dua hujung penutup dada di lapisan sebelah dalam, yang berhadapan langsung dengan baju efod. ²⁰ Mereka juga membuat dua gelang emas lain dan memasangnya pada bahagian bawah dari kedua-dua tali bahu baju efod di sebelah depan, dekat sambungannya, di atas ikat pinggang baju efod hasil kerja seorang pereka bentuk yang mahir itu. ²¹ Kemudian mereka mengikatkan

gegelang penutup dada itu pada gegelang baju efod dengan benang biru, supaya penutup dada itu tetap berada di atas ikat pinggang baju efod hasil kerja seorang pereka bentuk yang mahir itu serta tidak terurai daripada baju efod itu, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

²² Mereka juga membuat jubah baju efod yang keseluruhannya daripada kain biru, melalui hasil kepakaran seorang tukang tenun. ²³ Lubang untuk kepala seperti pada baju zirah dibuat betul-betul di tengah-tengah jubah itu dengan pita tenunan di seluruh kelilingnya supaya tidak koyak. ²⁴ Di sekeliling tepi sebelah bawah jubah itu mereka membuat hiasan seperti buah delima daripada kain biru, kain ungu, kain merah menyala, dan linen halus yang dipintal. ²⁵ Selain itu mereka membuat kerincing-kerincing daripada emas tulen, lalu memasangnya berselang-selang dengan hiasan-hiasan buah delima tadi di sekeliling kelepak di bahagian bawah jubah. ²⁶ Satu kerincing lalu satu buah delima, kemudian satu kerincing lagi diikuti satu buah delima, dan seterusnya di sekeliling kelepak jubah yang akan dipakai untuk penyelenggaraan ibadat itu, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

²⁷ Setelah itu, mereka membuat tunik daripada linen halus tenunan pakar untuk Harun dan anak-

anaknya, ²⁸ begitu jugalah mereka membuat segala serban dan ikat kepala daripada kain linen halus, seluar daripada linen halus yang dipintal, ²⁹ serta semua ikat pinggang daripada linen halus yang dipintal, dan kain biru, kain ungu, dan kain merah menyala berhiaskan sulaman, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa. ³⁰ Mereka membuat juga mahkota yang suci daripada emas tulen dan mengukirkan padanya tulisan “Suci bagi Tuhan”, seperti ukiran pada materai. ³¹ Hiasan itu mereka lengkapkan dengan benang biru agar dapat dipasangkan pada bahagian atas serban, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

Musa memeriksa seluruh pekerjaan

³² Maka selesailah keseluruhan pembinaan Khemah Suci, iaitu Khemah Pertemuan yang kesemuanya dilaksanakan oleh orang Israel menurut segala yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa. ³³ Kemudian mereka membawa Khemah Suci itu ke hadapan Musa, iaitu: khemah dengan segala kelengkapannya seperti segala pengancingnya, rangka papannya, kayu palangnya, tiangnya, dan lesung pasaknya; ³⁴ penutup khemah daripada kulit domba jantan yang dicelup merah, penutup daripada kulit anjing laut, dan tabir penudung; ³⁵ tabut loh

hukum dengan kayu-kayu pengusungnya dan penutup pendamaian; ³⁶ meja dengan segala kelengkapannya dan roti persembahan; ³⁷ kaki pelita daripada emas tulen dengan pelitanya – pelita yang berderet, segala kelengkapannya, dan minyak untuk pencahayaan; ³⁸ mazbah pendupaan daripada emas, minyak tahbis, dan dupa harum; tirai bagi pintu khemah itu; ³⁹ mazbah daripada gangsa dengan kekisi gangasanya, kayu-kayu pengusungnya, dan segala kelengkapannya; bejana pembasuhan dengan kekaknya; ⁴⁰ hamparan gantung untuk laman dalam dengan segala tiang dan lesung pasaknya, tabir pintu masuk laman dalam dengan segala talinya dan pasaknya, serta segala kelengkapan untuk peribadatan di Khemah Suci, iaitu Khemah Pertemuan. ⁴¹ Selain itu dibawa juga pakaian yang berjalin kemili untuk penyelenggaraan ibadat di tempat suci, pakaian suci untuk Imam Harun, dan pakaian anak-anaknya untuk menunaikan tugas sebagai imam. ⁴² Orang Israel melaksanakan segala pekerjaan itu, sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa. ⁴³ Musa memeriksa seluruh pekerjaan itu, dan nyatalah bahawa mereka sudah melaksanakannya seperti yang diperintahkan oleh Tuhan. Kemudian Musa memohonkan keberkatan atas mereka.

Terdirlah Khemah Suci

40 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Pada hari pertama pada bulan pertama hendaklah kamu dirikan Khemah Suci, iaitu Khemah Pertemuan. ³ Hendaklah kamu letakkan tabut loh hukum di dalamnya dan pagarlah tabut itu dengan tabir di depannya. ⁴ Hendaklah kamu bawa meja ke dalam ruangan itu dan letaklah segala kelengkapannya mengikut aturannya. Hendaklah kamu bawa juga kaki pelita ke dalamnya, lalu nyala pelita-pelitanya. ⁵ Hendaklah kamu letakkan mazbah pendupaan yang daripada emas itu di depan tabut loh hukum, dan gantungkanlah tabir bagi pintu Khemah Suci. ⁶ Hendaklah kamu letakkan mazbah korban bakaran di hadapan pintu Khemah Suci, iaitu Khemah Pertemuan. ⁷ Setelah itu, hendaklah kamu letakkan bejana pembasuhan di antara Khemah Pertemuan dengan mazbah, iaitu tempat pembakaran korban, dan tuangkanlah air ke dalamnya. ⁸ Buatlah laman luar di sekelilingnya dan gantungkanlah tirai pintu masuk laman dalam.

⁹ Hendaklah kamu ambil minyak tahbis, lalu urapilah Khemah Suci serta segala yang ada di dalamnya. Hendaklah kamu sucikan khemah itu dengan segala kelengkapannya, maka khemah

itu akan menjadi suci. ¹⁰ Hendaklah kamu urapi mazbah korban bakaran dengan segala kelengkapannya, dan sucikanlah mazbah itu, maka mazbah itu akan menjadi teramat suci.

¹¹ Hendaklah kamu urapi bejana pembasuhan itu dengan kekakinya, dan sucikannya.

¹² Hendaklah kamu bawa Harun dan anak-anaknya ke pintu Khemah Pertemuan, lalu basuhlah mereka dengan air. ¹³ Hendaklah kamu kenakan kepada Harun pakaian yang suci dan kamu hendaklah mengurapi dan menyucikannya untuk menunaikan tugas sebagai imam untuk-Ku. ¹⁴ Kemudian, hendaklah kamu bawa anak-anaknya, lalu kenakanlah tunik pada mereka. ¹⁵ Hendaklah kamu urapi mereka seperti kamu mengurapi ayah mereka, supaya mereka juga dapat menunaikan tugas sebagai imam untuk-Ku. Maka upacara pentakdisan dengan minyak itu akan membuat mereka secara resmi untuk memegang jawatan imam, dan hal itu terus dijalankan sedemikian selama turun-temurun.”

¹⁶ Maka Musa pun melaksanakan semuanya, sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya. ¹⁷ Maka pada tahun kedua, iaitu pada hari pertama bulan pertama itu, terdirilah Khemah Suci. ¹⁸ Musa mendirikan Khemah Suci itu, meletakkan segala lesung pasaknya, dan menegakkan semua rangka

papannya serta memasang kayu-kayu palangnya dan mendirikan tiang-tiangnya. ¹⁹ Dia membentangkan khemah untuk menutupi Khemah Suci, lalu dipasangnya penutup khemah di atasnya, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya. ²⁰ Selanjutnya, dia mengambil loh hukum dan meletakkannya di dalam tabut. Lalu dipasangnya kayu pengusung pada tabut itu dan diletakkannya penutup pendamaian di atas tabut itu. ²¹ Kemudian dia membawa tabut itu ke dalam Khemah Suci, lalu digantungkannya tabir penyekat untuk menutupi tabut loh hukum, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya.

²² Musa menempatkan meja di dalam Khemah Pertemuan, yaitu di sebelah luar tabir, pada sisi sebelah utara Khemah Suci. ²³ Lalu dia menyusun roti di atasnya di hadapan Tuhan, menurut aturan seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya. ²⁴ Kaki pelita diletakkannya berhadapan dengan meja itu di dalam Khemah Pertemuan, yaitu pada sisi sebelah selatan Khemah Suci. ²⁵ Dia seterusnya memasang pelita-pelita di hadapan Tuhan, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya. ²⁶ Dan dia menempatkan mazbah daripada emas itu di dalam Khemah Pertemuan, yaitu di depan tabirnya ²⁷ lalu dibakarnya dupa

daripada rempah-ratus harum di atas mazbah itu sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan. ²⁸ Lalu Musa menggantungkan tabir pintu Khemah Suci itu. ²⁹ Dia menempatkan mazbah korban bakaran di muka pintu Khemah Suci, iaitu Khemah Pertemuan, lalu di atasnya dipersembahkannya korban bakaran dan persembahan bahan makanan, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepadanya. ³⁰ Ditempatkannya pula bejana pembasuhan antara Khemah Pertemuan dengan mazbah itu, lalu dia menuangkan air ke dalamnya untuk pembasuhan. ³¹ Kemudian Musa, Harun, dan anak-anak Harun membasuh tangan serta kaki masing-masing di situ. ³² Bila-bila sahaja mereka masuk ke dalam Khemah Pertemuan dan menghampiri mazbah, mereka perlu membasuh tangan dan kaki, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa. ³³ Setelah itu, Musa mendirikan pagar laman dalam di sekeliling Khemah Suci dan mazbah, lalu dia menggantungkan tabir pintu masuk laman dalam itu. Demikianlah Musa menyelesaikan pekerjaan itu.

Kemuliaan Tuhan

³⁴ Kemudian awan menutupi Khemah Pertemuan dan kemuliaan Tuhan memenuhi Khemah Suci itu. ³⁵ Musa tidak dapat masuk ke dalam Khemah Pertemuan, kerana awan itu menetap di atas khemah itu serta kemuliaan Tuhan memenuhi Khemah Suci. ³⁶ Maka apabila sahaja awan itu naik dari atas Khemah Suci, orang Israel akan berangkat melanjutkan perjalanan mereka ³⁷ tetapi jika awan itu tidak terangkat, mereka juga tidak berangkat sampai saatnya awan itu naik. ³⁸ Maka awan Tuhan itu ada di atas Khemah Suci pada siang hari, dan pada malam hari ada api di dalam awan itu, di hadapan mata seluruh keturunan kaum Israel dalam setiap tahap perjalanan mereka.

IMAMAT

Korban bakaran

1 ¹ Tuhan memanggil Musa lalu berfirman sedemikian kepadanya dari dalam Khemah Pertemuan: ² “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakanlah kepada mereka, ‘Apabila seseorang dalam kalangan kamu membawa sesuatu persembahan kepada Tuhan, maka persembahkanlah daripada hasil ternakan, baik daripada kawanan lembu mahupun daripada kawanan domba.

³ Jika persembahannya berupa korban bakaran daripada lembu, maka hendaklah dipersembahkan seekor lembu jantan yang tiada cacat celanya. Hendaklah dia mempersembahkannya di pintu Khemah Pertemuan supaya Tuhan berkenan menerimanya. ⁴ Kemudian, hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala korban bakaran itu, maka persembahan itu akan diterima demi pendamaian dirinya. ⁵ Selanjutnya, hendaklah dia menyembelih lembu jantan muda itu di hadapan Tuhan, kemudian anak-anak Harun, iaitu para imam, hendaklah memercikkan

darah lembu itu ke sekeliling mazbah yang terletak di hadapan pintu Khemah Pertemuan itu. ⁶ Hendaklah dia juga menguliti korban bakaran itu dan memotongnya untuk menjadi beberapa potongan, ⁷ sementara anak-anak Imam Harun hendaklah menyalakan api di atas mazbah dan menyusun kayu di atas api itu. ⁸ Lalu anak-anak Imam Harun itu, hendaklah menyusun potongan-potongan korban berserta kepala dan lemaknya di atas kayu yang dibakar api di atas mazbah itu. ⁹ Isi perut dan kaki korban itu hendaklah dibasuh dengan air, lalu semua itu hendaklah para imam itu menyalainya atas api di mazbah sebagai korban bakaran, suatu korban persembahan yang keharumannya diredai Tuhan.

¹⁰ Jika persembahannya berupa korban bakaran sama ada daripada kawan k kambing atau kawan domba, maka kambing atau domba itu hendaklah seekor jantan yang tiada cacat cela. ¹¹ Hendaklah dia menyembeliknya di hadapan Tuhan, di sebelah utara mazbah, dan anak-anak Harun, iaitu para imam, hendaklah memercikkan darah haiwan itu ke sekeliling mazbah. ¹² Kemudian hendaklah dia memotongnya menjadi beberapa potongan. Bersama dengan kepala serta lemaknya, semua potongan itu hendaklah disusun oleh imam di atas kayu yang dibakar api pada mazbah. ¹³ Isi

perut dan kakinya harus dibasuhnya dengan air, lalu imam harus mempersembahkan semua itu dan membakarnya di atas mazbah. Itulah korban bakaran, suatu korban persembahan yang keharumannya diredai Tuhan.

¹⁴ Jika korban yang dipersembhkannya kepada Tuhan berupa korban bakaran daripada burung, maka burung yang dipersembahkan itu hendaklah burung tekukur atau anak burung merpati. ¹⁵ Imam hendaklah membawa burung itu ke mazbah, lalu memulas kepalanya dan membakarnya di atas mazbah itu. Darahnya hendaklah disalurkan keluar di tepi mazbah.

¹⁶ Tembolok serta bulunya hendaklah dibuang ke sebelah timur mazbah, iaitu di tempat abu. ¹⁷ Hendaklah dia mengoyakkan burung itu pada pangkal sayapnya, tetapi janganlah sampai terpisah. Kemudian imam hendaklah membakarnya pada mazbah, di atas kayu yang dibakar api. Maka itulah korban bakaran, suatu korban persembahan yang keharumannya diredai Tuhan.

Peraturan persembahan bahan makanan

2 ¹ Jika seseorang membawa kepada Tuhan persembahan bahan makanan, maka hendaklah persembahan itu daripada tepung yang terbaik dan hendaklah dia menuangkan

minyak ke atas tepung itu dan meletakkan kemenyan di atasnya. ² Hendaklah dia membawa persembahan itu kepada anak-anak Harun, para imam itu dan para imam hendaklah mengambil segenggam penuh tepung itu berserta minyak dan seluruh kemenyannya sebagai bahagian peringatan lalu membakarnya hingga berasap sebagai korban bakaran, suatu korban yang keharumannya diredai Tuhan. ³ Namun begitu apa-apa bahagian yang tersisa daripada persembahan bahan makanan itu menjadi bahagian milik Harun dan anak-anaknya. Itulah bahagian yang teramat suci daripada korban bakaran untuk Tuhan.

⁴ Apabila engkau mahu mempersembahkan persembahan bahan makanan yang dibakar di dalam ketuhar, hendaklah persembahan itu daripada tepung terbaik dalam bentuk kuih tidak beragi yang dicampurkan minyak, atau kuih nipis tidak beragi yang disapukan dengan minyak.

⁵ Jika persembahanmu berupa persembahan bahan makanan yang dipanggang di atas tempat pembakar, maka hendaklah persembahan itu daripada tepung tidak beragi yang terbaik yang dicampurkan minyak. ⁶ Hendaklah kamu memecahkannya menjadi beberapa bahagian dan menuangkan minyak ke atasnya, maka itulah persembahan bahan makanan.

⁷ Jika persembahanmu berupa persembahan bahan makanan yang dimasak dalam kuah, maka hendaklah persembahan itu dibuat daripada tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak. ⁸ Hendaklah kamu membawa persembahan bahan makanan yang dibuat sedemikian cara kepada Tuhan. Maka sampaikanlah persembahan itu kepada imam lalu dia akan membawanya ke mazbah. ⁹ Imam hendaklah mengambil bahagian peringatannya daripada persembahan bahan makanan itu lalu membakarnya di atas mazbah sebagai korban bakaran yang keharumannya diredai Tuhan. ¹⁰ Namun begitu, apa-apa yang tersisa daripada persembahan bahan makanan itu menjadi bahagian Harun dan anak-anaknya dan itulah bahagian yang teramat suci daripada korban bakaran untuk Tuhan.

¹¹ Tiada satu pun persembahan bahan makanan yang kamu persembahkan kepada Tuhan boleh diolah dengan ragi, kerana tiada ragi atau madu boleh dipersembahkan sebagai korban bakaran untuk Tuhan. ¹² Ragi atau madu boleh kamu persembahkan sebagai persembahan daripada hasil pertama kepada Tuhan, tetapi jangan kamu persembahkannya di atas mazbah sebagai persembahan yang keharumannya meredakan. ¹³ Setiap persembahan bahan

makananmu hendaklah kamu perasakan dengan garam dan jangan lalai membubuh garam yang melambangkan perjanjian antara kamu dengan Allah daripada persembahan bahan makananmu. Maka bersama-sama segala persembahanmu hendaklah kamu mempersembahkan juga garam.

¹⁴ Jika engkau mempersembahkan bahan makanan daripada hasil pertama kepada Tuhan, bawalah bulir gandum baru yang ditumbuk dan yang dipanggang di atas api sebagai persembahan bahan makanan daripada hasil pertamamu. ¹⁵ Tuangkanlah minyak dan letakkan kemenyan di atasnya maka itulah persembahan bahan makanan. ¹⁶ Hendaklah imam membakar bahagian peringatan iaitu sebahagian daripada gandum yang ditumbuk dan sebahagian daripada minyak berserta seluruh kemenyannya, sebagai korban bakaran untuk Tuhan.

Korban kedamaian

3 ¹ Jika persembahan seseorang berupa korban kedamaian daripada kawanan lembu, baik yang jantan mahupun betina, maka hendaklah dia mempersembahkan haiwan yang tidak bercacat cela di hadapan Tuhan. ² Hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala korban persembahan itu, lalu menyembeliknya di depan pintu Khemah Pertemuan. Kemudian,

hendaklah anak-anak Harun, para imam itu, memercikkan darah korban itu ke sekeliling mazbah itu.³ Hendaklah dipersembahkan korban kedamaian itu berupa korban bakaran untuk Tuhan, yaitu yang terdiri daripada lemak yang membungkus isi perut dan semua lemak yang melekat pada isi perut itu,⁴ kedua-dua buah pinggang dengan lemak yang melekat padanya di bahagian daging batang pinang, serta umbai hati yang harus dipisahkan dengan buah pinggang itu.⁵ Hendaklah anak-anak Harun membakar kesemuanya di atas korban bakaran pada kayu yang sedang dibakar api pada mazbah, iaitu sebagai persembahan yang keharumannya diredai Tuhan.

⁶ Jika persembahan yang dipersembahkannya kepada Tuhan berupa korban kedamaian daripada kawanan domba, sama ada haiwan jantan atau betina, maka hendaklah dia mempersembahkan haiwan yang tidak bercacat cela.⁷ Jika dia mempersembahkan korban berupa seekor domba, maka hendaklah dia membawanya ke hadirat Tuhan,⁸ dan meletakkan tangannya di atas kepala korban persembahannya itu, lalu menyembelohnya di depan Khemah Pertemuan. Kemudian anak-anak Harun hendaklah memercikkan darah korban itu ke sekeliling mazbah.⁹ Hendaklah dia

memperssembahkan korban kedamaian berupa korban bakaran untuk Tuhan, yaitu seluruh ekornya yang berlemak, yang harus dipotong di kawasan tulang pinggul, serta lemak yang membungkus isi perut dan semua lemak yang melekat pada isi perut itu, ¹⁰ dan kedua-dua buah pinggang dengan lemak yang melekat padanya di bahagian batang pinang, serta umbai hati yang harus dipisahkan daripada buah pinggang itu. ¹¹ Hendaklah imam membakarnya di atas mazbah sebagai korban bakaran untuk Tuhan.

¹² Jika persembahannya seekor kambing, maka hendaklah dia mempersembahkannya di hadapan Tuhan. ¹³ Hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala kambing itu, lalu menyembelihnya di depan Khemah Pertemuan, dan hendaklah anak-anak Harun memercikkan darah korban ke sekeliling mazbah. ¹⁴ Hendaklah dia mempersembahkan korbannya berupa korban bakaran untuk Tuhan, yaitu lemak yang membungkus isi perut dan semua lemak yang melekat pada isi perut itu, ¹⁵ kedua-dua buah pinggang dengan lemak yang melekat padanya di bahagian batang pinang, serta umbai hati yang harus dipisahkannya daripada buah pinggang itu. ¹⁶ Kemudian semua itu harus dibakar oleh imam di atas mazbah sebagai korban bakaran

yang keharumannya meredakan. Kesemua lemak dikhususkan untuk Tuhan.

¹⁷ Inilah satu ketetapan yang kekal selama-lamanya turun-temurun di seluruh tempat tinggalmu: bahawa hendaklah kamu jangan makan baik lemak mahupun darah.’ ”

Peraturan bagi korban penghapus dosa

4 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Beritahulah orang Israel dan katakan, ‘Seandainya seseorang itu tersilap lalu berdosa tanpa disengajakan dengan melakukan satu daripada mana-mana larangan Tuhan:

³ Jika yang berdosa itu seorang imam yang telah dilantik lantas dosanya menimpakan rasa bersalah ke atas umat, maka kerana dosa yang dilakukannya itu, hendaklah dia mempersembahkan kepada Tuhan seekor lembu jantan muda yang tidak bercacat cela sebagai korban penghapus dosa. ⁴ Hendaklah lembu itu dibawanya ke pintu Khemah Pertemuan, ke hadapan Tuhan dan hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala lembu itu, lalu menyembelihnya di hadapan Tuhan.

⁵ Hendaklah imam yang telah dilantik itu mengambil sebahagian daripada darah lembu itu dan membawanya ke Khemah Pertemuan.

⁶ Hendaklah dia mencelup jarinya ke dalam

darah itu, lalu memercikkan sebahagian daripada darah itu tujuh kali di hadapan Tuhan, di depan tabir Tempat Suci. ⁷ Kemudian, hendaklah imam itu membubuh sebahagian daripada darah itu pada tanduk-tanduk mazbah pembakaran dupa harum yang ada di hadapan Tuhan, di dalam Khemah Pertemuan, manakala segala baki darah lembu itu hendaklah dicurahkan ke kekaki mazbah korban bakaran di depan pintu Khemah Pertemuan. ⁸ Hendaklah dia juga mengambil semua lemak daripada lembu korban penghapus dosa itu, iaitu lemak yang menutupi isi perut dan semua lemak yang melekat pada isi perut itu, ⁹ kedua-dua buah pinggang dengan lemak yang melekat padanya di bahagian batang pinangnya, serta umbai hati yang perlu dipisahkan daripada buah pinggang itu, ¹⁰ iaitu sama seperti yang diambil daripada lembu korban kedamaian. Hendaklah imam membakar kesemua yang tersebut itu di atas mazbah korban bakaran. ¹¹ Tetapi segala sisa lembu itu, iaitu kulitnya dan semua daging pada bahagian kepalanya, kakinya, isi perutnya, dan kotorannya, ¹² hendaklah dibawanya ke suatu tempat yang suci di luar perkhemahan, ke tempat pembuangan abu. Selanjutnya hendaklah dia membakar kesemua sisa lembu itu di atas kayu api, di tempat pembuangan abu tersebut.

¹³ Apabila seluruh kalangan umat Israel berdosa tanpa sengaja dengan melakukan satu daripada perkara larangan Tuhan lantas mereka bersalah sekalipun tiada sesiapa yang menyedari hal itu, ¹⁴ maka setelah dosa yang dilakukan mereka disedari, hendaklah kalangan umat itu mempersembahkan seekor lembu jantan muda sebagai korban penghapus dosa. Hendaklah mereka membawa korban itu ke hadapan Khemah Pertemuan. ¹⁵ Hendaklah kalangan tua-tua umat meletakkan tangan mereka di atas kepala lembu itu di hadapan Tuhan, lalu hendaklah lembu itu disembelih di hadapan Tuhan itu. ¹⁶ Hendaklah imam yang terlantik itu membawa sebahagian daripada darah lembu itu ke Khemah Pertemuan. ¹⁷ Hendaklah dia mencelup jarinya ke dalam darah itu lalu memercikkannya tujuh kali di hadapan Tuhan, di depan tabir. ¹⁸ Kemudian, hendaklah sebahagian daripada darah itu dibubuh pada tanduk-tanduk mazbah pendupaan yang berada di hadapan Tuhan, di dalam Khemah Pertemuan, segala baki darah lembu itu hendaklah dicurhkannya ke kekaki mazbah korban bakaran di depan pintu Khemah Pertemuan. ¹⁹ Hendaklah dia juga mengambil semua lemak daripada lembu korban penghapus dosa itu dan membakarnya di atas mazbah. ²⁰ Hendaklah diperlakukan sedemikian

iaitu sebagaimana diperlakukannya ke atas lembu korban penghapus dosa. Maka hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi mereka, dan mereka akan diampuni. ²¹ Kemudian, hendaklah dia membawa lembu itu ke luar perkhemahan, lalu membakarnya sebagaimana yang dilakukan terhadap lembu yang pertama tadi. Itulah korban penghapus dosa untuk jemaah.

²² Apabila seorang pemimpin berdosa tanpa sengaja dengan melakukan salah satu perkara larangan Tuhan, Allahnya, lantas dia bersalah, ²³ maka sesudah dosanya itu disedarinya, maka hendaklah dia membawa seekor kambing jantan yang tidak bercacat cela sebagai persembahannya. ²⁴ Hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala kambing itu, lalu menyembelihnya di tempat orang biasa menyembelih korban bakaran di hadapan Tuhan. Itulah korban penghapus dosa. ²⁵ Maka hendaklah imam mengambil dengan jarinya sebahagian daripada darah korban penghapus dosa itu, lalu membubuhnya pada tanduk-tanduk mazbah korban bakaran manakala baki darah itu hendaklah dicurahkan ke kekaki mazbah korban bakaran itu. ²⁶ Hendaklah semua lemak dibakarnya di atas mazbah, sama seperti lemak korban kedamaian. Hendaklah imam

mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosanya, dan orang itu akan diampuni.

²⁷ Sekiranya seorang rakyat jelata berdosa tanpa sengaja dengan melakukan salah satu perkara larangan Tuhan lantas dia bersalah, ²⁸ maka sesudah dosanya itu disedarinya, maka hendaklah dia membawa seekor kambing betina yang tidak bercacat cela sebagai persembahannya kerana dosanya itu. ²⁹ Maka hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala korban penghapus dosa itu, lalu menyembelih korban penghapus dosa itu di tempat korban bakaran. ³⁰ Hendaklah imam mengambil dengan jarinya sebahagian daripada darah korban penghapus dosa itu, lalu membubuhnya pada tanduk-tanduk mazbah korban bakaran manakala baki darah itu hendaklah dicurahkan ke kekaki mazbah itu. ³¹ Hendaklah dia memisahkan semua lemak, sama seperti lemak yang diambil daripada korban kedamaian, dan hendaklah imam membakarnya di atas mazbah menjadi korban yang keharumannya diredai Tuhan dan hendaklah imam harus mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosanya, dan orang itu akan diampuni.

³² Jika dia membawa seekor domba sebagai persembahan untuk korban penghapus dosa, maka hendaklah dia membawa seekor domba betina yang tidak bercacat cela. ³³ Hendaklah dia meletakkan tangannya di atas kepala korban penghapus dosa itu, lalu menyembelihnya sebagai korban penghapus dosa di tempat orang biasa menyembelih korban bakaran. ³⁴ Maka hendaklah imam mengambil dengan jarinya sebahagian daripada darah korban penghapus dosa itu, lalu membubuhnya pada tanduk-tanduk mazbah korban bakaran manakala baki darah itu hendaklah dicurahkannya ke kekaki mazbah korban bakaran itu. ³⁵ Hendaklah imam memisahkan semua lemak sebagaimana lemak domba yang diambil daripada korban kedamaian, dan hendaklah imam membakarnya di atas mazbah, menjadi korban bakaran bagi Tuhan lalu hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosa yang telah dilakukannya, dan orang itu akan diampuni.

Peraturan tambahan bagi korban penghapus dosa

5 ¹ Jika seseorang berbuat dosa kerana tidak tampil dan menawarkan diri untuk menjadi saksi tentang sesuatu yang didengar, dilihat,

atau diketahuinya, maka dia perlu menanggung akibatnya.

² Atau, jika seseorang tanpa sengaja menyentuh apa-apa pun yang najis, sama ada bangkai binatang liar atau bangkai haiwan ternakan yang najis, atau bangkai kawanan haiwan terbang yang najis, maka sekalipun dia tidak menyedarinya ketika dia bernajis itu, dia memang bernajis dan bersalah.

³ Atau, jika tanpa disengajakan dia tersentuh apa-apa pun kenajisan manusia yang dapat menjajiskannya tanpa disedarinya tetapi kemudian dia menyedarinya, maka dia bersalah.

⁴ Atau, jika seseorang mengikut gerak hatinya lalu tanpa sengaja bersumpah secara sembarangan dengan bibirnya untuk berbuat jahat atau berbuat baik kemudian disedarinya akan hal itu, maka dia bersalah dalam hal salah satu sumpahnya.

⁵ Jadi, apabila seseorang bersalah dalam salah satu hal tersebut, hendaklah dia dengan sertamerta mengakui dosa yang telah dilakukannya ⁶ dan hendaklah dia memberi Tuhan pampasan bagi dosanya, iaitu seekor anak domba atau kambing betina sebagai korban penghapus dosa. Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosanya.

⁷ Jika dia tidak mampu menyediakan anak domba sebagai pampasan bagi dosanya itu, maka hendaklah dia membawa dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati untuk dipersembahkan kepada Tuhan, seekor untuk menjadi korban penghapus dosa dan seekor lagi untuk menjadi korban bakaran. ⁸ Hendaklah dia membawanya kepada imam, dan hendaklah imam terlebih dahulu mempersembahkan burung untuk korban penghapus dosa. Hendaklah kepala burung itu dipulasnya daripada pangkal lehernya, tetapi jangan sampai terpisah kepala dengan badan. ⁹ Kemudian sebahagian daripada darah korban penghapus dosa itu hendaklah dipercikkannya pada tepi mazbah, manakala segala darah yang berbaki itu hendaklah disalurkan keluar ke kekaki mazbah. Itulah korban penghapus dosa. ¹⁰ Hendaklah imam menyediakan burung yang kedua untuk dijadikan korban bakaran yang menepati peraturan, dan hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosa yang telah dilakukannya, dan orang itu akan diampuni.

¹¹ Akan tetapi, jika dia tidak mampu mempersembahkan dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati, maka atas sebab dosa yang dilakukannya itu, hendaklah

dia membawa sepersepuluh efa^b tepung terbaik sebagai persembahan penghapus dosa. Dia tidak boleh menuangkan minyak padanya dan menaruh kemenyan di atasnya, kerana itu persembahan penghapus dosa.

¹² Hendaklah dia membawanya kepada imam, dan hendaklah imam mengambil segenggam penuh daripada persembahan itu sebagai bahagian peringatan lalu membakarnya di atas mazbah, di atas korban bakaran untuk Tuhan. Itulah persembahan penghapus dosa.

¹³ Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosa yang telah dilakukannya dalam salah satu hal tersebut, dan orang itu akan diampuni. Segala bahagian yang berbaki menjadi bahagian imam, sama seperti peraturan dalam hal persembahan bahan makanan.' ”

Korban penebus kesalahan

¹⁴ Tuhan berfirman kepada Musa, ¹⁵ “Jika seseorang melakukan kemungkaran dan tanpa sengaja berbuat dosa dalam hal-hal berkaitan dengan perkara-perkara suci milik Tuhan, maka sebagai tebusan kesalahannya, hendaklah dia mempersembahkan kepada Tuhan seekor domba jantan yang tidak bercacat cela daripada kawanan

^b5:11 ‘Sepersepuluh efa’ kira-kira 2 liter.

domba yang sudah dinilai menurut syikal perak, iaitu syikal rasmi Khemah Suci, sebagai korban penebus kesalahan. ¹⁶ Hendaklah dia membayar ganti rugi atas dosanya berkaitan dengan hal yang suci itu, dengan menambah seperlima daripada nilainya, lalu menyerahkannya kepada imam. Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu dengan domba jantan korban penebus kesalahan itu, dan orang itu akan diampuni.

¹⁷ Jika seseorang berbuat dosa dan melakukan satu daripada mana-mana larangan Tuhan meskipun dia tidak menyedarinya, maka dia bersalah dan perlu menanggung kesalahannya.

¹⁸ Hendaklah dia membawa kepada imam seekor domba jantan yang tidak bercacat cela daripada kawanan domba yang sudah dinilai, untuk menjadi korban penebus kesalahan. Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu atas dosa yang dilakukannya tanpa sengaja dan tanpa disedarinya itu, dan orang itu akan diampuni. ¹⁹ Itulah korban penebus kesalahan yakni orang itu benar-benar bersalah kepada Tuhan.”

Kemungkaran penipuan dan sumpah dusta

6 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Jika seseorang berdosa dan melakukan kemungkaran terhadap Tuhan dengan menipu sesamanya tentang sesuatu barang yang diamankan untuk disimpannya, atau barang yang dirompak, atau yang disita menerusi ugutan dan penganiayaan, ³ atau dia telah menemukan barang yang hilang lalu berbohong mengenai barang itu dan bersumpah dusta, yakni apa-apa pun yang dilakukan seseorang sehingga dia berdosa atas perbuatannya itu, ⁴ jadi bersalah dan berdosalah dia, maka hendaklah dia memulangkan barang yang disitanya, barang hasil pemerasannya, barang yang disimpan dengannya, atau barang hilang yang dijumpainya, ⁵ atau apa-apa pun yang dia bersumpah dusta atasnya. Hendaklah dia membayar ganti rugi penuh dengan tambahan sebanyak seperlima daripada nilainya. Hendaklah dia mengembalikan barang itu kepada pemiliknya pada hari dia mempersembahkan korban penebus kesalahannya. ⁶ Sebagai pampasan, hendaklah dia membawa kepada Tuhan seekor domba jantan yang tidak bercacat cela daripada kawanannya

domba yang sudah dinilai dan diserahkan kepada imam untuk menjadi korban penebus kesalahan.⁷ Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi pihak orang itu di hadapan Tuhan, dan orang itu akan diampuni sehubungan dengan apa-apa pun perbuatannya yang menjadikannya bersalah.”

Arahan tentang persembahan korban bakaran

⁸ Tuhan berfirman kepada Musa,
⁹ “Perintahkanlah kepada Harun serta anak-anaknya demikian, ‘Inilah hukum tentang korban bakaran. Hendaklah korban bakaran itu berada di atas kayu apinya di atas mazbah sepanjang malam sehingga pagi hari, dan dengan cara demikianlah api mazbah itu diuruskan agar terus menyala.¹⁰ Apabila korban bakaran sudah habis dimakan api di atas mazbah, hendaklah imam mengenakan pakaian kain linennya, dan mengenakan seluar pendek linennya untuk menutupi auratnya lalu hendaklah dia mengambil abu dan meletakkannya di tepi mazbah.¹¹ Lalu hendaklah dia menanggalkan pakaiannya lantas mengenakan pakaian lain dan seterusnya membawa abu itu ke luar perkhemahan, ke sebuah tempat yang suci.¹² Hendaklah dengan cara demikian, api di atas mazbah itu diusahakan agar terus menyala dan

tidak dibiarkan padam. Tiap-tiap pagi hendaklah imam menambahkan kayu api, menyusun korban bakaran di atasnya, dan membakar lemak korban kedamaian di situ. ¹³ Hendaklah api sentiasa menyala di atas mazbah dan tidak dibiarkan padam.

Persembahan bahan makanan orang ramai

¹⁴ Inilah hukum bagi persembahan bahan makanan. Hendaklah anak-anak Harun mempersembahkannya ke hadirat Tuhan di hadapan mazbah. ¹⁵ Hendaklah imam mengambil daripada persembahan bahan makanan itu segenggam tepung terbaik, minyak, dan kesemua kemenyan di atasnya. Semua itu iaitu bahagian peringatan persembahan tersebut hendaklah dibakar di atas mazbah hingga keharumannya diredai Tuhan. ¹⁶ Bahagian selebihnya hendaklah dimakan tanpa ragi oleh Harun dan anak-anaknya di tempat yang suci, iaitu di laman dalam Khemah Pertemuan. ¹⁷ Bahagian itu tidak boleh dibakar dengan dimasukkan ragi. Daripada korban bakaran untuk-Ku, bahagian itulah yang Kuberikan sebagai bahagian mereka, dan bahagian itu bahagian yang teramat suci, sama seperti korban penghapus dosa dan korban penebus kesalahan. ¹⁸ Semua lelaki daripada keturunan Harun berhak memakannya. Daripada

korban bakaran untuk Tuhan, bahagian itu bahagian yang ditetapkan untuk seterusnya bagi kamu turun-temurun. Apa pun yang menyentuh persembahan itu akan menjadi suci.’ ”

Persembahan bahan makanan para imam

¹⁹ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁰ “Inilah persembahan kepada Tuhan yang perlu diserahkan oleh Harun dan anak-anaknya pada hari mereka diurapi: sepersepuluh efa^c tepung terbaik sebagai persembahan bahan makanan yang tetap, separuh daripadanya pada pagi hari dan separuh lagi pada petang hari.

²¹ Hendaklah kesemuanya dicampurkan dengan minyak zaitun di atas kualiti besi leper. Setelah tepung teradun dengan sebaik-baiknya dengan minyak, bawalah masuk, pecah-pecahkannya dan persembahkanlah sebagai persembahan harum yang diredai Tuhan. ²² Hendaklah penyampaian persembahan itu dilakukan oleh imam daripada kalangan anak Harun yang siap diurapi yakni anak yang bakal menggantikan tempatnya. Inilah ketetapan yang berkuat kuasa turun-temurun. Hendaklah segalanya dibakar untuk Tuhan; ²³ dan setiap persembahan bahan makanan daripada

^c**6:20** ‘Sepersepuluh efa’ kira-kira 2 liter.

imam hendaklah dibakar kesemuanya dan tidak boleh dimakan.”

Hukum tentang korban penghapus dosa

²⁴ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁵ “Beritahu Harun dan anak-anaknya, ‘Inilah hukum tentang korban penghapus dosa. Hendaklah korban penghapus dosa disembelih di hadapan Tuhan di tempat korban bakaran. Itulah persembahan yang teramat suci. ²⁶ Hendaklah imam yang mempersembahkan korban penghapus dosa itu memakannya di tempat yang suci, yaitu di laman dalam Khemah Pertemuan. ²⁷ Apa-apa sahaja yang menyentuh daging korban itu akan menjadi suci, dan kalau sebahagian daripada darahnya terpercik pada pakaian, maka hendaklah kamu membasuh pakaian tersebut di tempat yang suci. ²⁸ Hendaklah dipecahkan belanga tanah tempat daging itu direbus. Jika daging itu direbus di dalam belanga gangsa, maka hendaklah belanga itu digosok dan dibilas dengan air. ²⁹ Semua lelaki daripada kalangan imam berhak memakan korban penghapus dosa, dan itulah persembahan yang teramat suci. ³⁰ Akan tetapi, setiap korban penghapus dosa yang sebahagian daripada darahnya dibawa masuk ke dalam Khemah Pertemuan demi mengadakan pendamaian di dalam Tempat Suci, tidak boleh dimakan.

Hendaklah kesemua korban itu dibakar hingga habis.

Peraturan bagi korban penebus kesalahan

7¹ Inilah peraturan bagi korban penebus kesalahan, korban yang teramat suci.

² Hendaklah persembahkan korban penebus kesalahan juga disembelih di tempat korban bakaran sembelihan, dan darahnya hendaklah dipercikkan ke semua tepi mazbah. ³ Hendaklah dipersembahkan segala lemaknya iaitu ekornya yang gemuk, lemak yang menutupi isi perut, ⁴ kedua-dua buah pinggang dengan lemak yang melekat padanya di bahagian pinggang serta umbai hati yang harus dipisahkan daripada buah pinggang itu. ⁵ Hendaklah imam membakar kesemua itu di atas mazbah sebagai korban bakaran bagi Tuhan. Itulah korban penebus kesalahan. ⁶ Semua lelaki daripada kalangan kaum keluarga para imam berhak memakannya, tetapi mereka harus memakannya di tempat yang suci. Itulah korban teramat suci.

⁷ Korban penebus kesalahan sama seperti korban penghapus dosa. Maka peraturan yang sama berlaku bagi kedua-duanya, iaitu bahawa imam yang mendapat korban itu imam yang mengadakan pendamaian dengan korban itu.

⁸ Imam yang mempersembahkan korban bakaran

seseorang berhak mendapat kulit korban bakaran yang dipersembahkannya. ⁹ Setiap persembahan bahan makanan yang dibakar di dalam ketuhar, dimasak di dalam belanga atau kuali besi leper menjadi bahagian imam yang mempersembahkannya ¹⁰ tetapi setiap persembahan bahan makanan yang dicampurkan minyak zaitun ataupun yang kering menjadi bahagian sama banyak untuk semua anak Harun.

Peraturan bagi korban kedamaian

¹¹ Inilah peraturan bagi korban kedamaian yang patut dipersembahkan seseorang kepada Tuhan. ¹² Jika seseorang mempersembahkan korban itu sebagai pernyataan kesyukuran, hendaklah bersamaan dengan korban kesyukuran itu dia harus juga mempersembahkan kuih tidak beragi yang dicampurkan minyak zaitun, roti tidak beragi yang disapukan minyak zaitun, serta roti berbentuk cincin daripada tepung terbaik yang diadun dan dicampurkan minyak zaitun dan digoreng. ¹³ Hendaklah dia mempersembahkan korban kedamaian atas kesyukurannya itu bersama-sama persembahan berupa roti yang beragi. ¹⁴ Daripada setiap satu jenis persembahan itu hendaklah dia mempersembahkan sebuku roti sebagai persembahan khusus kepada Tuhan. Persembahan itu menjadi bahagian imam

yang memercikkan darah korban kedamaian.

¹⁵ Hendaklah daging korban kesyukuran yang dijadikan korban kedamaiannya itu dimakan pada hari korban itu dipersembahkan dan janganlah ada sisa yang tertinggal sampai pagi hari.

¹⁶ Tetapi jika korban sembelihan yang dipersembahkannya itu berupa korban nazar atau korban sukarela, maka korban tersebut harus dimakan pada hari dia mempersembahkannya, dan apa yang tersisa masih boleh dimakan keesokan harinya.

¹⁷ Namun demikian, apa-apa yang tersisa daripada daging korban sembelihan itu pada hari ketiga hendaklah dibakar habis. ¹⁸ Jika ada bahagian daging korban kedamaian itu yang masih dimakan pada hari ketiga, maka orang yang mempersembahkannya tidak akan diterima dan korbannya tidak diambil kira. Korban itu dianggap jijik dan barang siapa yang memakannya perlu menanggung padah kesalahannya. ¹⁹ Daging yang tersentuh apa-apa pun yang najis tidak boleh dimakan dan hendaklah dibakar habis.

Daging korban yang secara istiadatnya suci boleh dimakan oleh semua orang yang suci ²⁰ akan tetapi, hendaklah disingkirkan daripada kalangan bangsanya seseorang yang dalam keadaan najis memakan daging daripada korban kedamaian yang dikhususkan untuk Tuhan.

²¹ Jika seseorang menyentuh sesuatu yang najis, sama ada puncanya kenajisan manusia, haiwan yang najis, atau segala kejjikan yang najis, lalu dia memakan bahagian daging korban kedamaian yang dikhususkan untuk Tuhan, maka hendaklah orang itu disingkirkan daripada kalangan bangsanya.’ ”

Larangan memakan lemak dan darah

²² Tuhan berfirman kepada Musa, ²³ “Beritahu orang Israel, ‘Jangan makan lemak apa-apa pun daripada lembu, domba, atau kambing.

²⁴ Lemak daripada bangkai binatang yang mati biasa dan lemak daripada haiwan yang dibunuh oleh binatang buas boleh digunakan untuk apa-apa tujuan lain, tetapi jangan sekali-kali kamu memakannya. ²⁵ Sesiapa yang makan lemak daripada haiwan yang dipersembahkan sebagai korban bakaran kepada Tuhan hendaklah disingkirkan daripada kalangan bangsanya.

²⁶ Jangan makan darah burung atau darah haiwan apa-apa pun di mana-mana tempat tinggalmu. ²⁷ Sesiapa sahaja yang makan apa-apa darah hendaklah disingkirkan daripada kalangan bangsanya.’ ”

Korban kedamaian bagi imam

²⁸ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁹ “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Orang yang hendak mempersembahkan korban kedamaian kepada Tuhan, hendaklah membawa kepada Tuhan sebahagian daripada korban kedamaiannya itu sebagai persembahannya. ³⁰ Hendaklah dia membawa dengan tangannya sendiri, korban bakaran untuk Tuhan. Hendaklah dia membawa dada haiwan itu berserta lemaknya, lalu dada itu diunjukkan sebagai persembahan unjukan di hadapan Tuhan. ³¹ Hendaklah imam membakar lemak itu di atas mazbah, tetapi dadanya menjadi bahagian Harun serta anak cucunya. ³² Hendaklah kamu memberikan paha kanan kepada imam sebagai persembahan khusus daripada korban kedamaianmu. ³³ Sesiapa pun antara anak-cucu Harun yang mempersembahkan darah serta lemak korban kedamaian itu, dialah yang mendapat paha kanan itu sebagai bahagiannya. ³⁴ Dada persembahan unjukan dan paha persembahan khusus itu telah Kuambil daripada orang Israel, daripada korban kedamaian mereka, dan telah Kukurniakan kepada Imam Harun serta anak cucunya sebagai peruntukan tetap mereka daripada orang Israel untuk selama-lamanya.’ ” ³⁵ Pada hari Harun serta anak-anaknya dibawa

menghadap untuk menunaikan tugas sebagai imam untuk Tuhan, itulah bahagian Harun dan bahagian anak cucunya daripada korban bakaran untuk Tuhan.³⁶ Pada hari Musa mengurapi dan mentahbiskan mereka, Tuhan memerintahkan agar orang Israel memberikan bahagian itu kepada mereka dan itulah peruntukan tetap untuk mereka selama-lamanya, turun-temurun.

³⁷ Itulah peraturan tentang korban bakaran, persembahan bahan makanan, korban penghapus dosa, korban penebus kesalahan, korban pentahbisan, serta korban kedamaian³⁸ yang Tuhan perintahkan kepada Musa di atas Gunung Sinai pada hari Dia menyuruh orang Israel untuk membawa persembahan mereka kepada Tuhan di daerah gurun Sinai.

Pentahbisan para imam

8¹ Tuhan berfirman kepada Musa,² “Bawalah Harun berserta anak-anaknya, juga pakaian-pakaian imam, minyak tahbis, lembu jantan bagi korban penghapus dosa, dua ekor domba jantan, dan bakul berisi roti tidak beragi,³ lalu suruhlah semua umat berhimpun di hadapan pintu Khemah Pertemuan.”

⁴ Musa melakukan seperti yang diperintahkan Tuhan kepadanya, lalu berhimpunlah seluruh umat di hadapan pintu Khemah Pertemuan.

⁵ Kata Musa kepada umat itu, “Inilah yang diperintahkan Tuhan untuk dilakukan.”

⁶ Musa membawa Harun dan anak-anaknya ke hadapan lalu dibasuhnya mereka dengan air. ⁷ Dia memakaikan tunik, mengikatkan ikat pinggang, dan mengenakan jubah pada Harun, kemudian mengenakan baju efod serta mengikatkan tali pinggang yang siap dengan hiasannya pada baju efod itu lantas baju efod itu terikat pada tubuhnya. ⁸ Dia pun memasang penutup dada Harun serta meletakkan Urim dan Tumim di sebelah dalam penutup dada itu. ⁹ Dikenakannya pula serban di kepala Harun, dan di sebelah depan serban itu disematnya perhiasan emas, yaitu mahkota yang suci, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

¹⁰ Seterusnya Musa mengambil minyak tahbis lalu mengurapi Khemah Suci serta segala sesuatu yang ada di dalamnya, dan menyucikan semuanya. ¹¹ Dia memercikkan sebahagian daripada minyak itu tujuh kali ke atas mazbah lalu mengurapi mazbah itu berserta segala peralatannya, juga bejana pembasuhan dengan kekaknya, untuk menyucikan semuanya.

¹² Dia mencurahkan sebahagian minyak tahbis itu ke atas kepala Harun lalu mengurapinya demi menyucikannya. ¹³ Setelah itu, Musa membawa anak-anak Harun ke hadapan lalu

mengenakan tunik, mengikatkan ikat pinggang, dan melilitkan ikat kepala pada mereka, seperti yang diperintahkan Tuhan kepadanya.

¹⁴ Lembu jantan bagi persembahan korban penghapus dosa dibawanya ke hadapan lalu Harun dan anak-anaknya meletakkan tangan mereka di atas kepala lembu jantan korban penghapus dosa itu. ¹⁵ Selepas lembu itu disembelih, Musa mengambil darah lembu itu dan membubuhnya pada tanduk-tanduk di sekeliling mazbah dengan jarinya lantas menyucikan mazbah itu. Baki darah itu dicurahkan ke kekaki mazbah, sehingga mazbah itu ditahbiskan dengan upacara pendamaian yang diadakan itu. ¹⁶ Musa mengambil semua lemak yang melekat pada isi perut lembu itu, umbai hatinya, dan kedua-dua buah pinggang dengan lemaknya, lalu dibakarnya semua itu di atas mazbah. ¹⁷ Tetapi lembu jantan itu serta kulit, daging, dan kotorannya dibawa keluar dari perkhemahan lalu dibakar habis, sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

¹⁸ Kemudian Musa membawa domba jantan korban bakaran lalu Harun dan anak-anaknya meletakkan tangan mereka di atas kepala domba jantan itu. ¹⁹ Sesudah domba itu disembelih, Musa memercikkan darahnya ke sekeliling

mazbah. ²⁰ Apabila domba jantan itu sudah dipotong kepada beberapa potongan, Musa pun membakar kepala domba itu, potongan-potongannya, dan lemaknya. ²¹ Isi perut dan kakinya dibasuh dengan air, lalu Musa membakar seluruh domba jantan itu di atas mazbah sebagai korban bakaran yang keharumannya meredakan serta dipersembahkan kepada Tuhan, sebagaimana yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

²² Kemudian Musa membawa domba jantan yang kedua, yaitu domba jantan korban pentahbisan, lalu Harun dan anak-anaknya meletakkan tangan mereka di atas kepala domba jantan itu. ²³ Sesudah domba itu disembelih, Musa mengambil sebahagian daripada darahnya dan membubuhnya pada cuping telinga kanan Harun, pada ibu jari tangan kanannya, serta pada ibu jari kaki kanannya. ²⁴ Kemudian anak-anak Harun dibawa ke hadapan lalu Musa membubuh sebahagian daripada darah itu pada cuping telinga kanan mereka, pada ibu jari tangan kanan mereka, dan pada ibu jari kaki kanan mereka. Setelah itu, Musa memercikkan baki darah itu ke sekeliling mazbah. ²⁵ Musa mengambil lemaknya, ekornya yang gemuk, semua lemak yang melekat pada isi perutnya, umbai hatinya, kedua-dua buah pinggang dengan lemaknya,

dan paha kanannya.²⁶ Daripada bakul berisi roti tidak beragi di hadapan Tuhan itu, Musa mengambil sebuku roti tidak beragi, sebuku roti yang dicampurkan minyak, dan sepotong kuih tipis, lalu meletakkan kesemuanya di atas lemak serta paha kanan domba tadi.²⁷ Maka semua itu diletakkannya di telapak tangan Harun serta anak-anaknya, lalu diunjukkan sebagai persembahan unjukan untuk Tuhan.²⁸ Kemudian Musa mengambilnya daripada telapak tangan mereka, lalu membakarnya sebagai korban bakaran di atas mazbah. Itulah korban pentahbisan dan keharumannya meredakan, yakni suatu korban yang dibakar bagi Tuhan.²⁹ Lalu Musa mengambil dada domba itu dan mengunjukkannya sebagai persembahan unjukan untuk Tuhan dan itulah bahagian Musa daripada domba jantan korban pentahbisan, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.³⁰ Musa juga mengambil sebahagian daripada minyak tahbis dan sebahagian daripada darah yang ada di atas mazbah, lalu memercikkannya pada Harun serta pada pakaiannya, juga pada anak-anaknya serta pada pakaian mereka. Demikianlah dia mentahbiskan Harun dan menyucikan pakaiannya, begitu juga anak-anaknya dan pakaian mereka.

³¹ Kata Musa kepada Harun serta anak-anaknya, “Rebuslah daging ini di depan pintu Khemah Pertemuan, lalu makanlah di situ bersama-sama roti yang ada dalam bakul persembahan pentahbisan, seperti yang aku perintahkan dengan berkata, ‘Harun dan anak-anaknya berhak memakannya.’ ³² Apa-apa yang tersisa daripada daging dan roti itu harus kamu bakar habis. ³³ Jangan kamu beranjak dari depan pintu Khemah Pertemuan selama tujuh hari sampai genap hari pentahbisan kamu, kerana Tuhan akan mentahbiskan kamu selama tujuh hari. ³⁴ Tuhan telah memerintahkan agar kamu melakukan apa yang telah dilakukan pada hari ini, demi pendamaian bagi dirimu. ³⁵ Hendaklah kamu kekal berada di hadapan pintu Khemah Pertemuan siang dan malam selama tujuh hari dan memegang teguh kewajipanmu terhadap Tuhan supaya jangan kamu mati. Kerana demikianlah yang diperintahkan kepadaku.” ³⁶ Maka Harun dan anak-anaknya melakukan segala hal yang diperintahkan Tuhan dengan perantaraan Musa itu.

Tuhan menerima persembahan Harun

9 ¹ Pada hari kelapan, Musa memanggil Harun dan anak-anaknya serta para tua-tua Israel. ² Katanya kepada Harun, “Ambillah bagimu

seekor lembu jantan muda untuk menjadi korban penghapus dosa, dan seekor domba jantan untuk menjadi korban bakaran dan kedua-duanya hendaklah tidak bercacat cela, lalu persembahkanlah di hadapan Tuhan. ³ Kemudian katakanlah kepada orang Israel, 'Ambillah seekor kambing jantan untuk menjadi korban penghapus dosa, seekor anak lembu dan seekor anak domba tanpa cacat cela berumur setahun untuk menjadi korban bakaran, ⁴ serta seekor lembu dan seekor domba jantan untuk menjadi korban kedamaian. Persembahkanlah semua itu di hadapan Tuhan bersama-sama persembahan bahan makanan yang dicampurkan minyak, kerana pada hari ini Tuhan akan menampakkan diri kepadamu.' "

⁵ Mereka pun membawa apa yang diperintahkan Musa ke hadapan Khemah Pertemuan, lalu seluruh umat juga mendekati lalu berdiri di hadapan Tuhan. ⁶ Kata Musa, "Inilah yang diperintahkan oleh Tuhan untuk kamu lakukan, supaya kemuliaan Tuhan tampak di hadapanmu." ⁷ Kata Musa kepada Harun, "Datang dekatlah ke mazbah dan persembahkanlah korban penghapus dosamu serta korban bakaranmu, dan adakan pendamaian demi dirimu dan demi

umat ini. Kemudian persembahkanlah korban umat itu dan adakanlah pendamaian bagi mereka, sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan.”

⁸ Maka Harun mendekati mazbah lalu menyembelih anak lembu korban penghapus dosa untuk dirinya. ⁹ Anak-anak Harun menyampaikan darah lembu itu kepadanya, lalu dia mencelup jarinya ke dalam darah itu dan membubuhnya pada tanduk-tanduk mazbah. Baki darah pula dicurahkanya ke kekaki mazbah. ¹⁰ Lemak, buah pinggang, dan umbai hati daripada korban penghapus dosa itu dibakarnya di atas mazbah, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa, ¹¹ manakala daging dan kulitnya dibakarnya habis di luar perkhemahan.

¹² Kemudian disembelihnya pula korban bakaran. Anak-anak Harun menyerahkan darah korban itu kepadanya, lalu dia memercikkannya ke sekeliling mazbah. ¹³ Mereka menyerahkan pula korban bakaran itu kepadanya menurut potongan-potongannya berserta kepalanya, lalu dia membakar kesemuanya di atas mazbah. ¹⁴ Harun membasuh isi perut dan kaki korban itu lalu dia membakar kesemuanya di atas korban bakaran yang ada di atas mazbah itu.

¹⁵ Kemudian dia mempersembahkan pula korban umat itu. Diambilnya kambing jantan

korban penghapus dosa untuk umat itu, lalu menyembelihnya dan mempersembahkannya sebagai korban penghapus dosa seperti korban yang sama sebelumnya. ¹⁶ Lalu dipersembahkannya korban bakaran itu yang disediakan mengikut peraturan. ¹⁷ Seterusnya dia membawa persembahan bahan makanan, dan diambilnya segenggam penuh daripadanya lantas membakarnya di atas mazbah, di samping korban bakaran pagi hari itu. ¹⁸ Dia juga menyembelih lembu dan domba jantan korban kedamaian umat itu. Anak-anak Harun menyerahkan darah korban itu kepadanya lalu dia memercikkannya ke sekeliling mazbah. ¹⁹ Mereka meletakkan lemak daripada lembu dan domba jantan itu, iaitu ekornya yang gemuk, lemak yang menutupi isi perut, buah pinggang, serta umbai hati ²⁰ di atas dada korban itu, lalu Harun membakar lemak itu di atas mazbah. ²¹ Bahagian dada dan paha kanan diunjukkan Harun sebagai persembahan unjukan di hadapan Tuhan, sebagaimana yang diperintahkan oleh Musa.

²² Lalu Harun mengangkat kedua-dua tangannya ke hala umat itu dan memohonkan keberkatan atas mereka lalu turun selepas dia mempersembahkan korban penghapus dosa,

korban bakaran, dan korban kedamaian itu. ²³ Musa dan Harun masuk ke dalam Khemah Pertemuan. Kemudian mereka keluar lantas memohonkan keberkatan atas umat itu, lalu kelihatanlah kemuliaan Tuhan di hadapan seluruh umat itu. ²⁴ Lalu muncullah api dari hadirat Tuhan lantas menghanguskan korban bakaran dan lemak di atas mazbah. Apabila umat itu melihat hal itu mereka pun bersorak-sorai lalu sujud menyembah.

Kematian Nadab dan Abihu

10 ¹ Pada suatu hari, anak Harun iaitu Nadab dan Abihu, mengambil pendupaan masing-masing lalu menyalakan api di dalamnya, dan membubuh dupa di atas api itu. Mereka mempersembahkan api haram yang tidak diperintahkan itu di hadapan Tuhan. ² Maka keluarlah api dari hadirat Tuhan menghanguskan mereka, sehingga mereka mati di hadapan Tuhan. ³ Kata Musa kepada Harun, “Inilah yang difirmankan Tuhan,

‘Melalui orang yang rapat dengan-Ku,
Aku akan menyatakan kesucian-Ku,
dan di hadapan seluruh umat Aku akan
dimuliakan.’ ”

Harun pun berdiam diri.

⁴ Kemudian Musa memanggil Misael dan Elsafan, anak-anak Uziel, bapa saudara Harun, dan berkata kepada mereka, “Datanglah ke mari dan angkatlah saudara-saudara sepupumu ini dari depan tempat suci ke luar perkhemahan.”

⁵ Mereka pun datang dan mengangkat kedua-dua jenazah yang masih memakai tunik itu ke luar perkhemahan, seperti yang dikatakan oleh Musa.

⁶ Berkata pula Musa kepada Harun serta kepada Eleazar dan Itamar, iaitu dua orang lagi anak Harun, “Jangan menguraikan rambut kepalamu dan jangan koyakkan pakaianmu, supaya jangan kamu mati dan supaya murka Tuhan tidak menimpa seluruh umat. Tetapi para saudaramu, iaitu seluruh keturunan kaum Israel, boleh berkabung atas sebab api yang telah dinyalakan oleh Tuhan itu. ⁷ Jangan pula pergi dari depan pintu Khemah Pertemuan supaya jangan kamu mati, kerana minyak tahbis Tuhan mengurusimu.” Lalu mereka berbuat menurut arahan Musa itu.

⁸ Tuhan berfirman kepada Harun, ⁹ “Baik kamu mahupun anak-anakmu tidak boleh minum apa-apa air anggur atau apa-apa minuman yang memabukkan ketika kamu masuk ke dalam Khemah Pertemuan, supaya jangan kamu mati. Ini suatu peraturan tetap yang berkuat kuasa seterusnya bagi kamu turun-temurun, ¹⁰ supaya

kamu dapat membezakan antara yang suci dengan yang biasa, antara yang najis dengan yang suci yakni tidak najis, ¹¹ dan supaya kamu dapat mengajar kepada orang Israel segala ketetapan yang difirmankan Tuhan kepada mereka dengan perantaraan Musa.”

¹² Musa berkata kepada Harun, dan juga kepada Eleazar dan Itamar, anak Harun yang masih hidup, “Ambillah persembahan bahan makanan yang tersisa daripada korban bakaran bagi Tuhan, dan makanlah tanpa ragi di tepi mazbah, kerana itu bahagian teramat suci. ¹³ Hendaklah kamu memakannya di tempat yang suci, kerana itulah peruntukanmu dan peruntukan tetap anak-anakmu daripada korban bakaran untuk Tuhan kerana demikianlah yang diperintahkan kepadaku. ¹⁴ Hendaklah kamu berserta anak-anakmu, baik lelaki mahupun perempuan, memakan daging dada persembahan unjukan dan daging paha persembahan khusus itu di tempat yang suci, kerana semua itu dikurniakan sebagai bahagianmu serta anak-anakmu daripada korban kedamaian orang Israel. ¹⁵ Hendaklah mereka membawa paha persembahan khusus dan dada persembahan unjukan itu berserta lemak korban bakaran untuk diunjukkan sebagai

persembahkan unjukan di hadapan Tuhan. Itulah bahagianmu dan bahagian anak-anakmu sebagai sesuatu yang menjadi hakmu selama-lamanya, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan.”

¹⁶ Kemudian Musa berusaha menyiasat apa yang terjadi kepada kambing jantan korban penghapus dosa itu, tetapi ternyata kambing itu sudah dibakar. Maka marahlah dia kepada Eleazar dan Itamar, anak Harun yang masih hidup itu, katanya, ¹⁷ “Mengapakah kamu tidak memakan korban penghapus dosa itu di tempat yang suci? Bukankah korban itu teramat suci dan telah dikurniakan kepadamu supaya kamu dapat memikul kesalahan umat serta mengadakan pendamaian demi mereka di hadapan Tuhan?”

¹⁸ Lihat, darahnya tidak dibawa masuk ke dalam Tempat Suci. Seharusnya kamu memakannya di tempat yang suci seperti yang aku perintahkan.”

¹⁹ Kata Harun kepada Musa, “Sesungguhnya, pada hari ini mereka telah mempersembahkan korban penghapus dosa dan korban bakaran mereka di hadapan Tuhan, tetapi hal-hal seperti tadilah yang terjadi kepadaku. Jika pada hari ini aku juga memakan korban penghapus dosa itu, akankah Tuhan meredainya?” ²⁰ Ketika Musa

mendengar hal itu, dia menerimanya dengan baik.

Haiwan yang haram dan yang tidak haram

11 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ² “Beritahu kepada orang Israel begini, ‘Inilah haiwan-haiwan hidup yang boleh kamu makan daripada antara segala jenis yang ada di atas bumi: ³ Kamu boleh makan semua haiwan yang terbelah kuku kakinya serta yang mengunyah bahan mamahan. ⁴ Akan tetapi kamu tidak boleh makan antara haiwan yang hanya mengunyah bahan mamahan atau yang hanya terbelah kuku kakinya. Jenis-jenis haiwan yang berikut tidak boleh kamu makan: Unta, haiwan yang mengunyah bahan mamahan tetapi tidak terbelah kuku kakinya adalah haram bagimu. ⁵ Landak, haiwan yang mengunyah bahan mamahan walaupun kuku kakinya tidak terbelah adalah haram bagimu. ⁶ Arnab, haiwan yang juga mengunyah bahan mamahan walaupun kuku kakinya tidak terbelah adalah haram bagimu. ⁷ Babi, yang kuku kakinya terbelah walaupun babi tidak mengunyah bahan mamahan adalah haram bagimu. ⁸ Maka janganlah kamu makan daging haiwan-haiwan itu dan jangan kamu sentuh bangkainya, kerana semua itu haram bagimu.

Makhluk air yang haram dan yang tidak haram

⁹ Daripada segala makhluk yang hidup di dalam air, inilah yang boleh kamu makan: Kamu boleh makan segala yang bersirip dan bersisik, baik di laut mahupun di sungai. ¹⁰ Akan tetapi, daripada semua makhluk yang hidup serta berkerumun di air, segala yang tidak bersirip dan tidak bersisik, baik di laut mahupun di sungai, adalah jijik bagimu. ¹¹ Kesemuanya jijik bagimu. Maka janganlah kamu makan dagingnya, malah bangkainya juga hendaklah kamu anggap jijik. ¹² Hendaklah kamu memandangi jijik terhadap segala haiwan di dalam air yang tidak bersirip dan tidak bersisik.

Burung haram dan tidak haram

¹³ Daripada burung-burung, jenis-jenis yang berikut perlu kamu anggap jijik. Janganlah dimakan kerana kesemuanya perkara yang menjijikkan: burung rajawali, burung hering berjanggut, burung hering hitam, ¹⁴ burung lang dan pelbagai jenis burung reng, ¹⁵ segala jenis burung gagak, ¹⁶ burung unta, jampuk, camar, pelbagai jenis burung helang, ¹⁷ burung pungguk, burung dendang air, burung hantu, ¹⁸ burung hantu putih, burung undan, burung lang hitam,

¹⁹ burung ranggung, jenis-jenis burung bangau, burung hudhud, dan kelawar.

²⁰ Semua makhluk jenis berkerumun yang bersayap serta berjalan dengan keempat-empat kakinya ialah makhluk yang jijik bagimu.

²¹ Akan tetapi, daripada segala makhluk jenis berkerumun yang bersayap serta berjalan dengan keempat-empat kakinya itu kamu boleh memakan jenis yang mempunyai kakinya bersendi penyambung untuk melompat di atas tanah. ²² Khususnya, inilah yang boleh kamu makan daripada semua itu: pelbagai jenis belalang besar, pelbagai jenis belalang daun, pelbagai jenis belalang kunyit, dan pelbagai jenis belalang padi. ²³ Selain itu, makhluk jenis berkerumun yang bersayap serta berjalan dengan keempat-empat kakinya adalah menjijikkan bagimu.

Kenajisan bangkai

²⁴ Haiwan-haiwan yang berikut boleh membuat kamu ternajis: sesiapa yang menyentuh bangkainya akan menjadi najis sampai waktu maghrib, ²⁵ dan hendaklah sesiapa yang membawa mana-mana bahagian daripada bangkainya mencuci pakaiannya, lalu dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ²⁶ Haram juga bagimu segala haiwan yang terbelah kukunya

namun kukunya tidak terpisah sepenuhnya dan juga haiwan yang tidak mengunyah bahan mamahan, maka sesiapa yang menyentuhnya menjadi najis. ²⁷ Antara segala haiwan yang berjalan dengan keempat-empat kakinya, haram bagimu jenis yang berjalan di atas telapak kakinya. Sesiapa pun yang menyentuh bangkainya menjadi najis sampai waktu maghrib ²⁸ dan hendaklah sesiapa yang membawa bangkainya mencuci pakaiannya dan menjadi najis sampai waktu maghrib. Kesemua itu haram bagimu.

²⁹ Antara makhluk kecil yang berkerumun di atas tanah, inilah yang haram bagimu: tikus mondok, tikus, pelbagai jenis cicak, ³⁰ biawak, cengkarung, cicak pasir, dan sumpah-sumpah. ³¹ Itulah makhluk merangkak yang haram bagimu. Oleh itu, sesiapa yang menyentuh haiwan itu yang telah mati menjadi najis sampai waktu maghrib. ³² Jika mana-mana antara haiwan itu mati lalu jatuh menimpa sesuatu barang, maka barang itu menjadi najis, baik itu perkakas kayu, pakaian, kulit, mahupun karung, apa-apa perkakas yang digunakan untuk pekerjaan apa-apa pun. Hendaklah barang itu dimasukkan ke dalam air dan barang itu menjadi najis sampai waktu maghrib. Sesudah itu barulah barang itu menjadi suci. ³³ Jika satu daripada

haiwan-haiwan itu jatuh ke dalam sebuah belanga tanah, maka segala isinya menjadi najis, dan hendaklah dipecahkan belanga itu. ³⁴ Segala makanan yang dapat dimakan akan menjadi najis kalau terkena air daripada belanga itu, dan segala minuman yang dapat diminum pun akan menjadi najis kalau minuman itu ada di dalam belanga seperti itu. ³⁵ Jika mana-mana bahagian daripada bangkai haiwan itu jatuh menimpa sesuatu barang, maka barang itu menjadi najis dan hendaklah dipecahkan sekalipun barang yang terkena najis itu ketuhar ataupun dapur. Semua itu menjadi najis dan hendaklah kamu anggap sebagai najis. ³⁶ Apa-apa pun yang menyentuh bangkai haiwan-haiwan itu menjadi najis. Akan tetapi, mata air atau perigi penampung air yang tersentuh tetap suci. ³⁷ Jika sebahagian daripada bangkai haiwan itu jatuh mengenai sesuatu benih yang akan disemai, benih itu tetap dianggap suci. ³⁸ Tetapi jika benih itu telah diairi, lalu sebahagian daripada bangkai haiwan itu jatuh menyimpannya, maka benih itu menjadi najis bagimu.

³⁹ Jika seekor haiwan yang halal bagimu mati, maka sesiapa yang menyentuh bangkainya menjadi najis sampai waktu maghrib.

⁴⁰ Hendaklah sesiapa yang memakan daging daripada bangkai haiwan atau membawa bangkai

itu mencuci pakaiannya, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib.

⁴¹ Mana-mana haiwan yang berkerumun di atas tanah harus kamu pandang sebagai sesuatu yang menjijikkan dan janganlah dimakan. ⁴² Janganlah kamu memakan sebarang jenis makhluk yang merayap di atas perutnya, yang merangkak dengan keempat-empat kakinya, atau yang banyak kakinya, iaitu kesemua haiwan yang berkerumun di atas tanah kerana kesemuanya menjijikkan. ⁴³ Jangan jadikan dirimu menjijikkan kerana segala haiwan yang berkerumun itu, dan jangan najiskan dirimu sendiri dengan kesemua haiwan itu. ⁴⁴ Akulah Tuhan, Allahmu. Oleh itu, sucikanlah dirimu dan jadilah suci kerana Aku ini suci. Jangan najiskan dirimu dengan segala haiwan yang berkerumun yang merayap di atas bumi. ⁴⁵ Akulah Tuhan yang telah memimpin kamu keluar dari Tanah Mesir supaya Aku menjadi Allahmu. Jadilah suci kerana Aku ini suci.

⁴⁶ Inilah hukum tentang haiwan, burung-burung dan setiap makhluk hidup yang bergerak di dalam air, dan setiap makhluk yang berkerumun dan merayap di atas bumi. ⁴⁷ Hendaklah kamu dapat membezakan antara yang najis dengan yang suci,

dan antara makhluk hidup yang boleh dimakan dan makhluk hidup yang tidak boleh dimakan.’ ”

Penyucian darah nifas seorang wanita

12 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Beritahu orang Israel, ‘Jika seorang perempuan yang mengandung melahirkan seorang anak lelaki, maka najislah dia selama tujuh hari. Dia menjadi najis sebagaimana pada hari-hari dia sedang haid atau datang bulan. ³ Pada hari kelapan, hendaklah kulup anak itu dikhatankan. ⁴ Hendaklah wanita itu menunggu selama tiga puluh tiga hari untuk penyucian daripada darah nifasnya. Dia tidak boleh menyentuh apa-apa pun yang suci dan tidak boleh masuk ke dalam tempat suci sehingga genapnya hari-hari penyuciannya.

⁵ Tetapi jika dia melahirkan anak perempuan, maka dia membawa najis nifas selama dua minggu, yakni sama tempohnya seperti waktu dia haid dan hendaklah dia menunggu selama enam puluh enam hari untuk penyucian daripada darah nifasnya.

⁶ Setelah genap hari-hari penyuciannya, sama ada anaknya lelaki atau perempuan, hendaklah dia membawa seekor anak domba berumur

setahun sebagai korban bakaran dan seekor anak burung merpati atau seekor burung tekukur sebagai korban penghapus dosa ke pintu Khemah Pertemuan kepada imam. ⁷ Hendaklah imam mempersembhkannya di hadapan Tuhan dan mengadakan pendamaian bagi perempuan itu, dan perempuan itu akan disucikan daripada darah nifasnya. Itulah hukum tentang perempuan yang melahirkan anak, baik anak lelaki mahupun anak perempuan.

⁸ Jika dia tidak mampu mempersembahkan anak domba, maka hendaklah dia membawa dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati, seekor lagi untuk menjadi korban bakaran dan seekor untuk menjadi korban penghapus dosa. Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi perempuan itu, dan perempuan itu akan menjadi suci.' ”

Peraturan tentang penyakit kulit

13 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ² “Apabila terjadi bengkak, ruam atau berbintik-bintik pada kulit tubuh seseorang yang kemudian menjadi jangkitan penyakit kulit, maka hendaklah orang itu dibawa kepada Imam Harun atau kepada seorang

daripada antara para imam iaitu anak-anaknya.

³ Hendaklah imam memeriksa kudis pada kulit tubuh orang itu. Jika bulu di tempat jangkitan itu sudah berubah menjadi putih, dan kelihatan betapa penyakit itu sudah berakar lebih dalam daripada lapisan kulit di tubuhnya, maka kudisnya itu jangkitan penyakit kulit. Setelah imam selesai memeriksanya, hendaklah dia mengisytiharkan bahawa orang itu najis. ⁴ Jika terdapat bintik-bintik putih pada kulit tubuhnya tetapi kelihatannya hal itu tidak berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, dan bulunya pun tidak berubah menjadi putih, maka hendaklah imam mengasingkan orang yang berpenyakit itu selama tujuh hari. ⁵ Hendaklah imam memeriksa orang itu semula pada hari yang ketujuh. Jika kudis yang berkenaan tidak kian meluas dan merebak pada kulit, maka hendaklah imam mengasingkannya selama tujuh hari lagi. ⁶ Hendaklah imam memeriksanya semula pada hari ketujuh, dan jika ternyata telah pudar dan tidak meluas lagi kudis itu pada kulit, maka hendaklah imam mengisytiharkan bahawa orang itu suci. Ini bererti terjadi ruam sahaja maka hendaklah orang itu mencuci pakaiannya lalu dia menjadi suci. ⁷ Namun begitu, jika ruam itu meluas pada kulit setelah orang itu menunjukkan diri kepada imam untuk diisytiharkan suci,

maka hendaklah dia menunjukkan dirinya untuk pemeriksaan oleh imam. ⁸ Maka hendaklah imam memeriksa orang itu semula. Jika terbukti ruam itu meluas pada kulit, maka hendaklah imam mengisytiharkan bahawa orang itu najis. Penyakit itu jangkitan penyakit kulit.

Bengkak pada kulit

⁹ Apabila seseorang terkena jangkitan penyakit kulit, hendaklah dia dibawa kepada imam.

¹⁰ Hendaklah imam menjalankan pemeriksaan.

Jika terbukti ada bengkak berwarna keputihan pada kulit orang itu malah bulu di tempat itu juga menjadi putih dan terjadi ketumbuhan daging pada bengkak itu, ¹¹ maka itulah jangkitan penyakit parah pada kulit tubuh orang itu.

Maka hendaklah imam mengisytiharkan orang itu najis, tetapi tidak perlu mengasingkannya kerana sudah jelas betapa bernajis orang itu.

¹² Namun begitu jika sejauh yang terlihat oleh imam, penyakit itu sudah menutupi seluruh kulit orang itu dari kepala sampai kakinya ¹³ maka hendaklah imam menjalankan pemeriksaan. Jika jelas bahawa penyakit itu memang menutupi seluruh tubuhnya, maka hendaklah diisytiharkan bahawa orang yang berpenyakit itu suci kerana keseluruhannya sudah berubah menjadi putih, maka sucilah dia. ¹⁴ Akan tetapi, jika muncul

radang daging padanya, maka dia menjadi najis.

¹⁵ Hendaklah imam memeriksa radang daging itu dan mengisytiharkan orang itu najis. Radang daging itu najis, dan itu jangkitan penyakit kulit.

¹⁶ Walau bagaimanapun, jika radang daging itu berubah menjadi putih semula, maka hendaklah orang itu datang kepada imam. ¹⁷ Hendaklah imam memeriksanya dan jika terbukti bahawa kudis itu telah berubah menjadi putih, maka hendaklah imam mengisytiharkan bahawa orang yang berpenyakit itu suci, dan sucilah dia.

Bisul pada kulit

¹⁸ Jika ada bisul yang telah sembuh pada kulit tubuh seseorang, ¹⁹ tetapi pada bekas bisul itu muncul pula bengkak berwarna putih atau bintik-bintik berwarna putih kemerah-merahan, maka hendaklah keadaan itu ditunjukkan kepada imam. ²⁰ Hendaklah imam menjalankan pemeriksaan. Jika tampaknya bintik-bintik itu berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, dan bulu di tempat itu telah berubah menjadi putih, maka hendaklah imam mengisytiharkan orang itu najis. Itu jangkitan penyakit yang muncul di bekas bisul itu. ²¹ Akan tetapi, jika imam memeriksanya dan terbukti bahawa bulu di tempat itu tidak ada yang putih, dan bintik-bintik itu tidak berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, malah

sudah menjadi pudar, maka hendaklah imam mengasingkan orang itu tujuh hari lamanya.

²² Jika bintik-bintik itu meluas pada kulit, maka hendaklah imam mengisytiharkan bahawa orang itu najis. Itu suatu jangkitan penyakit. ²³ Tetapi jika bintik-bintik itu tetap pada tempatnya dan tidak meluas, maka itu bekas bisul, dan hendaklah imam mengisytiharkan orang itu suci.

Luka terbakar

²⁴ Apabila ada bekas luka terbakar pada kulit tubuh seseorang lalu bekas luka terbakar itu menjadi bintik-bintik putih kemerah-merahan atau putih, ²⁵ maka hendaklah imam memeriksanya. Jika terbukti bahawa bulu pada bintik-bintik itu telah berubah menjadi putih dan kelihatannya berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, maka itulah jangkitan penyakit yang muncul di tempat luka terbakar itu. Hendaklah imam mengisytiharkan orang itu najis. Itu jangkitan penyakit. ²⁶ Akan tetapi, setelah imam memeriksanya ternyata tidak ada bulu yang putih di tempat bintik-bintik itu, dan bintik-bintik itu tidak berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, malah menjadi pudar, maka hendaklah imam mengasingkan orang itu selama tujuh hari. ²⁷ Kemudian pada hari ketujuh hendaklah imam memeriksa orang itu semula.

Jika bintik-bintik itu semakin merebak pada kulit, maka hendaklah imam mengisytiharkan orang itu najis. Itu jangkitan penyakit. ²⁸ Tetapi jika bintik-bintik itu tetap pada tempatnya dan tidak merebak pada kulit, malah menjadi kian pudar, maka itu hanyalah bengkak akibat luka terbakar. Hendaklah imam mengisytiharkan bahawa orang itu suci, kerana itu sekadar bekas luka terbakar.

²⁹ Jika seseorang, lelaki ataupun perempuan, terkena penyakit kulit di kepalanya atau di dagunya, ³⁰ maka hendaklah imam memeriksa penyakit itu. Jika tampaknya penyakit itu berakar lebih dalam daripada lapisan kulit dan terdapat rambut halus kekuningan padanya, maka hendaklah imam mengisytiharkan orang itu najis. Itu kudis, sejenis penyakit kulit pada kepala atau dagu. ³¹ Jika imam memeriksa jangkitan penyakit kudis itu dan terbukti penyakit itu tidak berakar lebih dalam daripada lapisan kulit serta tidak ada rambut yang hitam padanya, maka hendaklah imam mengasingkan orang yang berpenyakit kudis itu selama tujuh hari. ³² Pada hari ketujuh hendaklah imam memeriksa kudis itu dan jika terbukti kudis itu tidak semakin merebak dan tiada rambut yang kuning di tempat itu, lalu kudis itu tidak berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, ³³ maka hendaklah orang itu bercukur tetapi dia tidak boleh bercukur di tempat adanya kudis

itu. Kemudian hendaklah imam mengasingkan orang yang berpenyakit kudis itu selama tujuh hari, ³⁴ dan pada hari ketujuh hendaklah imam memeriksa semula kudis itu. Jika terbukti kudis itu tidak merebak pada kulit dan tampaknya tidak berakar lebih dalam daripada lapisan kulit, maka hendaklah imam mengisytiharkan orang itu suci. Hendaklah orang itu mencuci pakaiannya, dan dia pun menjadi suci. ³⁵ Namun begitu, jika kudis itu merebak pada kulit sesudah dia diisytiharkan suci, ³⁶ maka hendaklah imam memeriksanya. Jika terbukti bahawa kudis itu telah merebak pada kulit, imam tidak perlu lagi mencari rambut yang kuning; orang itu memang najis. ³⁷ Tetapi jika menurut pengamatannya kudis itu tidak meluas dan rambut yang hitam telah tumbuh padanya, maka sesungguhnya kudis itu sudah sembuh dan orang itu suci. Hendaklah imam mengisytiharkan orang itu suci.

³⁸ Jika pada kulit tubuh seorang lelaki ataupun perempuan terdapat bintik-bintik putih, ³⁹ maka hendaklah imam menjalankan pemeriksaan. Jika terbukti bintik-bintik tersebut putih pudar, maka itulah ruam yang timbul pada kulitnya, dan orang itu suci.

⁴⁰ Jika berguguran rambut daripada kulit kepala seseorang dan dia menjadi botak, dia suci.

⁴¹ Jika berguguran rambut kepalanya daripada

bahagian dahi dan dia menjadi gondol, dia juga suci. ⁴² Tetapi apabila pada kepala botak atau dahi gondol itu timbul bengkak berwarna putih kemerah-merahan, maka ada kemunculan penyakit pada kepala botak atau dahinya yang gondol itu. ⁴³ Hendaklah imam memeriksanya. Jika terbukti bengkak pada kepalanya yang botak atau dahinya yang gondol itu menjadi putih kemerah-merahan dan kelihatan seperti penyakit memang menyerang kulit tubuhnya, ⁴⁴ maka orang itu memang ditimpa musibah penyakit dan najislah dia. Hendaklah imam mengisytiharkan orang itu najis atas sebab penyakit di kepalanya itu.

⁴⁵ Maka hendaklah orang yang ditimpa jangkitan penyakit itu memakai pakaian yang terkoyak-koyak dan membiarkan rambut kepalanya terurai. Hendaklah dia menutupi misai atau bahagian di atas bibirnya dan hendaklah dia berseru-seru, 'Najis! Najis!' ⁴⁶ Selama dia menghidap penyakit itu dan berkudis, najislah dia dan hendaklah dia tinggal secara terasing di luar perkhemahan.

⁴⁷ Apabila pada sesuatu pakaian, baik daripada bulu domba mahupun kain linen, ada kesan kotor daripada jangkitan penyakit, ⁴⁸ pada benang lungsin atau pakan daripada pakaian bulu domba atau linen itu, pada pakaian daripada kulit,

atau pada barang apa-apa pun yang terbuat daripada kulit – ⁴⁹ dan jika kesan kotor pada pakaian atau barang tersebut itu sudah menjadi kehijau-hijauan atau kemerah-merahan, itu bererti bahawa kulapuk atau jangkitan penyakit itu kian meluas dan perlu ditunjukkan kepada imam. ⁵⁰ Hendaklah imam memeriksa tanda itu dan mengasingkan barang yang memiliki kesan kotor itu selama tujuh hari. ⁵¹ Kemudian pada hari ketujuh, hendaklah imam memeriksa lagi kesan kotor itu. Jika tanda itu semakin meluas pada pakaian, pada benang lungsin dan pakannya, atau pada kulit, untuk keperluan apa-apa pun kulit itu dipakai, maka jangkitan itu penyakit yang cenderung menjadi lebih teruk dan najislah barang itu. ⁵² Hendaklah imam membakar pakaian, benang lungsin dan pakan pada pakaian bulu domba atau linen, atau barang apa-apa pun daripada kulit yang memiliki tanda itu, kerana jangkitan itu penyakit yang cenderung menjadi lebih teruk. Hendaklah barang-barang yang berkenaan itu dibakar habis.

⁵³ Jika imam menjalankan pemeriksaan dan terbukti bahawa kesan kotor itu tidak semakin meluas pada pakaian, pada benang lungsin dan pakan, atau pada barang apa-apa pun daripada kulit, ⁵⁴ maka hendaklah imam menyuruh orang mencuci barang yang memiliki kesan kotor itu.

Hendaklah dia mengasingkan barang tersebut selama tujuh hari lagi. ⁵⁵ Sesudah barang yang memiliki kesan kotor itu dicuci, hendaklah imam menjalankan pemeriksaan semula. Jika terbukti kesan kotor itu tidak berubah rupanya meskipun tidak meluas, maka barang itu najis, dan hendaklah engkau membakarnya habis, tidak kira sama ada kesan kotor itu berada di sebelah belakang atau di depan. ⁵⁶ Jika pemeriksaan imam menunjukkan bahawa kesan kotor itu menjadi pudar sesudah dicuci, maka hendaklah dia membuang bahagian berkesan kotor itu daripada pakaian, kulit, benang lungsin atau pakan itu. ⁵⁷ Jika kesan kotor itu muncul semula pada pakaian, benang lungsin dan pakan, atau pada barang apa-apa pun daripada kulit, itu bererti bahawa jangkitan penyakit itu berkembang. Hendaklah kamu membakar habis barang yang berkesan kotor itu. ⁵⁸ Hendaklah pakaian, benang lungsin, benang pakan, atau barang apa-apa pun daripada kulit yang sudah kamu cuci hingga tanda itu hilang itu dicuci lagi. Setelah itu, barulah barang itu suci.

⁵⁹ Itulah hukum tentang jangkitan penyakit pada pakaian daripada bulu domba atau linen, pada benang lungsin, benang pakan, atau pada barang apa-apa pun daripada kulit, untuk menyatakan sama ada barang itu suci atau najis.”

Upacara penyucian bagi penyakit kulit

14 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Inilah hukum tentang orang yang menghidap jangkitan penyakit pada hari penyuciannya. Hendaklah orang itu dibawa kepada imam, ³ dan hendaklah imam pergi ke luar perkhemahan lalu menjalankan pemeriksaan terhadap jangkitan itu. Jika terbukti orang itu telah sembuh daripada jangkitan penyakit yang dihidapinya, ⁴ maka hendaklah imam memerintahkan agar dibawa dua ekor burung hidup yang halal, kayu araz, secebis kain merah menyala, dan ranting hisop^d bagi orang yang hendak disucikan itu. ⁵ Kemudian hendaklah dia memerintahkan salah seekor burung disembelih di atas belanga tanah yang diletakkan di atas air yang mengalir. ⁶ Kemudian hendaklah dia mengambil dan mencelup burung yang masih hidup itu ke dalam darah burung yang sudah disembelih itu, bersama-sama kayu araz, kain merah menyala, dan ranting hisop. ⁷ Hendaklah dia memerciki orang yang hendak disucikan daripada

^d**14:4** Hisop: Sejenis tumbuhan yang digunakan dalam upacara keagamaan orang Israel untuk menyucikan barang atau orang (lihat juga Bil. 19:18).

jangkitan penyakit itu sebanyak tujuh kali dan mengisytiharkan orang itu suci, lalu hendaklah dia melepaskan burung yang hidup itu di padang yang terbuka. ⁸ Hendaklah orang yang akan disucikan itu mencuci pakaiannya, mencukur semua rambutnya, dan membasuh dirinya dengan air, barulah dia menjadi suci. Sesudah itu dia boleh masuk ke dalam perkhemahan, tetapi hendaklah dia tinggal selama tujuh hari di luar khemahnya. ⁹ Pada hari ketujuh hendaklah dia mencukur semua rambutnya, iaitu rambut kepala, janggut, alis, bahkan seluruh bulu di tubuhnya. Hendaklah dia mencuci pakaiannya, membasuh tubuhnya di dalam air, dan dia akan menjadi suci.

¹⁰ Pada hari kelapan hendaklah dia mengambil dua ekor domba jantan yang tidak bercacat cela, seekor domba betina berumur setahun yang tidak bercacat cela, tiga persepuluh efa^e tepung terbaik yang dicampuri minyak zaitun sebagai persembahan bahan makanan, dan satu log^f minyak zaitun. ¹¹ Hendaklah imam yang menjalankan penyucian itu menghadapkan orang itu dan persembahannya ke hadirat Tuhan, di depan pintu Khemah Pertemuan. ¹² Hendaklah

^e**14:10** Satu efa kira-kira 22 liter.

^f**14:10** Satu log kira-kira sepertiga liter.

imam mengambil seekor daripada domba jantan itu lalu mempersembahkannya sebagai korban penebus kesalahan bersama minyak zaitun sebanyak satu log, dan mengunjukkannya sebagai persembahan unjukan di hadapan Tuhan. ¹³ Hendaklah dia menyembelih domba itu di tempat orang biasa menyembelih korban penghapus dosa dan korban bakaran, iaitu di tempat suci, kerana sama seperti korban penghapus dosa, korban penebus kesalahan pun menjadi bahagian imam yakni korban itu teramat suci. ¹⁴ Hendaklah imam mengambil sebahagian daripada darah korban penebus kesalahan itu lalu membubuhnya pada cuping telinga kanan orang yang hendak disucikan, pada ibu jari tangan kanannya, serta ibu jari kaki kanannya. ¹⁵ Kemudian, hendaklah imam mengambil sebahagian daripada satu log minyak zaitun itu dan menuangkannya di telapak tangan kirinya ¹⁶ lalu hendaklah dia mencelup jari tangan kanannya ke dalam minyak di telapak tangan kirinya itu, lantas memercikkan sebahagian daripada minyak itu dengan jarinya tujuh kali di hadapan Tuhan. ¹⁷ Daripada baki minyak di telapak tangannya, hendaklah imam membubuh sebahagian pada cuping telinga kanan orang yang hendak disucikan, pada ibu jari tangan kanannya serta ibu jari kaki kanannya, di atas bekas darah

korban penebus kesalahan. ¹⁸ Minyak selebihnya di telapak tangan hendaklah dibubuh imam pada kepala orang yang hendak disucikan. Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi orang itu di hadapan Tuhan.

¹⁹ Kemudian hendaklah imam mempersembahkan korban penghapus dosa dan mengadakan pendamaian bagi orang yang hendak disucikan daripada kenajisannya. Sesudah itu hendaklah dia menyembelih korban bakaran. ²⁰ Hendaklah imam mempersembahkan korban bakaran dan persembahkan bahan makanan di atas tempat pembakaran korban, lalu hendaklah dia mengadakan pendamaian bagi orang itu, dan orang itu akan menjadi suci.

²¹ Jika orang itu miskin dan tidak mampu, maka hendaklah dia membawa seekor domba jantan sebagai korban penebus kesalahan yang akan diunjukkan oleh imam yang mengadakan pendamaian bagi orang itu. Selain itu hendaklah orang itu juga membawa sepersepuluh efa tepung terbaik yang dicampuri minyak zaitun sebagai persembahkan bahan makanan, satu log minyak zaitun, ²² serta dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati mengikut kemampuannya. Seekor adalah untuk dijadikan korban penghapus dosa dan seekor untuk menjadi korban bakaran. ²³ Pada hari

kelapan hendaklah dia membawa kesemua persembahan itu kepada imam di depan pintu Khemah Pertemuan, di hadapan Tuhan, untuk penyuciannya. ²⁴ Hendaklah imam mengambil anak domba korban penebus kesalahan dan minyak zaitun sebanyak satu log, lalu mengunjukkan semua itu sebagai persembahan unjukan di hadapan Tuhan. ²⁵ Hendaklah imam juga menyembelih domba korban penebus kesalahan, lalu mengambil sebahagian daripada darah korban penebus kesalahan itu dan membubuhnya pada cuping telinga kanan orang yang hendak disucikan, pada ibu jari tangan kanannya serta ibu jari kaki kanannya. ²⁶ Kemudian hendaklah imam menuangkan sebahagian daripada minyak itu ke telapak tangan kirinya sendiri, ²⁷ lalu memercikkan sebahagian daripada minyak di telapak tangan kirinya itu dengan jari kanannya sebanyak tujuh kali di hadapan Tuhan. ²⁸ Selanjutnya hendaklah imam membubuh sebahagian daripada minyak di telapak tangannya itu pada cuping telinga kanan orang yang hendak disucikan, pada ibu jari tangan kanannya serta ibu jari kaki kanannya, di tempat yang sama seperti bagi darah korban penebus kesalahan. ²⁹ Akhir sekali, hendaklah imam membubuh baki minyak itu di telapak tangan lalu dibubuhnya pada kepala

orang yang hendak disucikan demi mengadakan pendamaian bagi orang itu di hadapan Tuhan.

³⁰ Kemudian hendaklah dia mempersembahkan seekor daripada burung tekukur atau anak burung merpati yang dibawa orang itu mengikut kemampuannya ³¹ iaitu seekor untuk korban penghapus dosa dan seekor untuk korban bakaran, berserta persembahan bahan makanan. Hendaklah imam mengadakan pendamaian demi orang yang hendak disucikan itu di hadapan Tuhan. ³² Begitulah hukum tentang orang yang menghidap jangkitan penyakit yang tidak mampu membawa persembahan untuk penyuciannya.”

³³ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ³⁴ “Apabila kamu telah sampai di Tanah Kanaan yang akan Kukurniakan kepadamu sebagai milikmu dan Aku mendatangkan tanda jangkitan penyakit di sebuah rumah di tanah milikmu itu, ³⁵ maka hendaklah pemilik rumah itu datang memberitahukan kepada imam demikian, ‘Padaku, kelihatannya ada semacam tanda jangkitan di rumahku.’ ³⁶ Imam memerintahkan agar rumah itu dikosongkan sebelum dia datang untuk memeriksanya, supaya bukan semua isi rumah itu diisytiharkan sebagai najis kelak. Setelah itu, barulah imam datang untuk memeriksa rumah itu. ³⁷ Hendaklah dia memeriksa tanda jangkitan itu. Jika terbukti

tanda pada dinding rumah itu berupa lekuk-lekuk yang kehijau-hijauan atau kemerah-merahan, dan kelihatannya berakar lebih dalam daripada permukaan dinding, ³⁸ maka hendaklah imam keluar dari rumah itu melalui pintu rumah lalu menutup rumah itu selama tujuh hari.

³⁹ Kemudian pada hari ketujuh hendaklah imam datang untuk menjalankan pemeriksaan semula. Jika terbukti tanda itu meluas pada dinding rumah, ⁴⁰ maka hendaklah dia memerintahkan agar batu-batu yang memiliki tanda jangkitan itu dicungkil dan dibuang ke luar kota, yakni ke sebuah tempat yang najis. ⁴¹ Hendaklah dia juga memerintahkan agar seluruh bahagian dalam rumah itu dikikis dan lepa yang terkikis itu hendaklah dibuang ke luar kota, di sebuah tempat yang najis. ⁴² Akhir sekali, hendaklah batu-batu lain diambil untuk dipasang menggantikan batu-batu yang dibuang tadi, lalu rumah itu harus disapukan dengan lepa yang baru.

⁴³ Jika tanda jangkitan itu muncul kembali dan meluas di dalam rumah itu sesudah batu-batunya dicungkil, dan sesudah dinding-dindingnya dikikis serta dilepa kembali, ⁴⁴ maka hendaklah imam datang untuk menjalankan pemeriksaan. Jika terbukti tanda itu kian meluas di dalam rumah, maka rumah itu terkena penyakit kusta yang berjangkit, dan rumah itu najis. ⁴⁵ Batu-batunya,

kayu-kayunya, dan seluruh lepa rumah itu hendaklah dibongkar, lalu semuanya hendaklah dibawa ke luar kota, ke sebuah tempat yang najis.

⁴⁶ Tambahan pula, sesiapa yang masuk ke dalam rumah itu pada bila-bila masa selama rumah itu ditutup, dia menjadi najis sampai waktu maghrib.

⁴⁷ Hendaklah sesiapa berbaring ataupun makan di dalam rumah itu mencuci pakaiannya.

⁴⁸ Jika imam datang dan menurut pemeriksaannya ternyata tanda itu tidak meluas di dalam rumah sesudah rumah itu dilepa, maka hendaklah imam mengisytiharkan bahawa rumah itu suci kerana tanda-tanda itu telah lenyap. ⁴⁹ Untuk menyucikan rumah itu hendaklah dia mengambil dua ekor burung, kayu araz, kain merah menyala, dan ranting hisop.

⁵⁰ Hendaklah dia menyembelih salah seekor burung di dalam belanga tanah yang diletakkan di atas air yang mengalir. ⁵¹ Kemudian hendaklah dia mengambil kayu araz, ranting hisop, kain merah menyala, dan burung yang masih hidup itu lalu mencelup kesemuanya ke dalam darah burung yang telah disembelih serta air segar tadi, untuk selanjutnya memerciki rumah itu tujuh kali. ⁵² Hendaklah dia menyucikan rumah itu dengan darah burung, air segar, burung yang hidup, kayu araz, ranting hisop, dan kain merah menyala itu ⁵³ lalu burung yang hidup itu

hendaklah pula dilepaskannya di padang yang terbuka di luar kota. Demikianlah caranya dia perlu mengadakan pendamaian bagi rumah itu, dan rumah itu menjadi suci.

⁵⁴ Itulah hukum tentang semua jenis kudis, jangkitan penyakit, ⁵⁵ tentang jangkitan penyakit pada pakaian dan rumah, ⁵⁶ tentang bengkak, ruam, serta bintik-bintik. ⁵⁷ Hukum ini memberikan petunjuk tentang yang mana najis dan yang mana suci. Itulah hukum tentang jangkitan berpenyakit.”

Lelehan tubuh lelaki

15 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ² “Beritahu orang Israel, ‘Apabila seseorang lelaki mengeluarkan lelehan daripada tubuhnya, maka lelehan itu najis. ³ Lelehan itu najis sama ada alirnya berterusan atau telah berhenti, dia tetap najis. ⁴ Setiap tempat tidur orang yang mengeluarkan lelehan itu menjadi najis dan setiap barang yang didudukinya juga menjadi najis. ⁵ Hendaklah sesiapa sahaja yang menyentuh tempat tidur orang itu mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ⁶ Sesiapa sahaja yang duduk di tempat yang telah diduduki orang itu hendaklah mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air,

dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib.

⁷ Hendaklah sesiapa yang menyentuh tubuh orang itu juga mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ⁸ Jika orang yang mengeluarkan lelehan itu meludahi orang yang suci, maka orang yang diludahi itu harus mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ⁹ Najis jugalah setiap pelana yang ditunggangi orang yang mengeluarkan lelehan itu. ¹⁰ Maka sesiapa menyentuh barang yang pernah ada di bawah orang itu menjadi najis sampai waktu maghrib, dan sesiapa yang mengangkatnya harus mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, lalu dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ¹¹ Jika orang yang mengeluarkan lelehan itu menyentuh orang lain tanpa terlebih dahulu mencuci tangannya dengan air, maka orang yang disentuh itu harus mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ¹² Bahkan jika orang yang mengeluarkan lelehan itu menyentuh belanga tanah, maka belanga itu harus dipecahkan, jika disentuhnya mana-mana perkakas kayu, hendaklah perkakas itu dicuci dengan air.

Peraturan penyucian bagi lelehan tubuh lelaki

¹³ Apabila orang itu sudah suci daripada lelehannya, maka hendaklah dia melalui tujuh hari untuk penyuciannya. Hendaklah dia mencuci pakaiannya, membasuh tubuhnya dengan air segar, dan dia pun menjadi suci. ¹⁴ Pada hari kelapan hendaklah dia mengambil dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati lalu datang ke pintu Khemah Pertemuan, ke hadapan Tuhan, dan menyerahkan burung-burung itu kepada imam. ¹⁵ Hendaklah imam mempersembhkannya, seekor sebagai korban penghapus dosa, dan yang seekor lagi sebagai korban bakaran. Hendaklah imam mengadakan pendamaian demi orang itu di hadapan Tuhan kerana lelehannya itu.

¹⁶ Jika seorang lelaki mengeluarkan maninya, hendaklah dia membasuh sekujur tubuhnya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ¹⁷ Setiap pakaian dan setiap benda daripada kulit yang terkena mani itu harus dicuci dengan air dan menjadi najis sampai waktu maghrib. ¹⁸ Demikian pula jika seorang lelaki tidur dengan seorang perempuan lalu lelaki itu mengeluarkan maninya, maka kedua-duanya harus membasuh diri dengan air dan mereka menjadi najis sampai waktu maghrib.

Lelehan daripada tubuh perempuan

¹⁹ Jika seorang perempuan mengeluarkan lelehan darah daripada tubuhnya, maka dia dalam keadaan haid selama tujuh hari dan sesiapa pun yang menyentuhnya menjadi najis sampai waktu maghrib. ²⁰ Najislah segala sesuatu yang mengalas tempat tidurnya pada waktu dia sedang haid, dan najis jugalah segala sesuatu yang mengalas tempat duduknya. ²¹ Sesiapa yang menyentuh tempat tidurnya hendaklah mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai maghrib. ²² Demikian pula sesiapa yang menyentuh tempat yang diduduki perempuan itu juga perlu mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. ²³ Begitu juga jika seseorang menyentuh segala sesuatu yang ada di atas tempat tidur atau di atas apa-apa pun yang mengalas tempat duduk perempuan itu, maka najislah dia sampai waktu maghrib. ²⁴ Najislah selama tujuh hari seseorang lelaki yang meniduri perempuan itu lalu terkena lelehan haidnya, dan setiap tempat tidur yang mengalas tidur lelaki itu juga menjadi najis.

²⁵ Jika seorang perempuan mengeluarkan lelehan darah selama beberapa hari di luar masa haidnya, atau jika dia mengeluarkan

lelehan lebih lama daripada masa haidnya, maka kenajisannya berlangsung selama dia mengeluarkan lelehan itu. Dia menjadi najis sebanyak bilangan hari haidnya. ²⁶ Najislah setiap tempat tidur yang ditidurnya selama dia mengeluarkan lelehan itu yakni sama seperti tempat tidur pada masa haidnya, demikian jugalah setiap tempat yang mengalas duduknya menjadi najis, sama seperti kenajisan haidnya. ²⁷ Hendaklah sesiapa sahaja yang menjadi najis kerana menyentuh barang-barang itu mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib.

Peraturan penyucian bagi lelehan tubuh perempuan

²⁸ Akan tetapi, jika perempuan itu sudah suci daripada lelehannya, hendaklah dia mengira untuk dirinya tempoh selama tujuh hari untuk penyuciannya dan selepas itu sucilah dia.

²⁹ Pada hari kelapan hendaklah dia mengambil dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati lalu datang ke pintu Khemah Pertemuan, ke hadapan Tuhan, dan menyerahkan burung-burung itu kepada imam. ³⁰ Hendaklah imam mempersembahkan seekor sebagai korban penghapus dosa, dan yang seekor lagi sebagai korban bakaran. Hendaklah imam mengadakan

pendamaian bagi orang itu di hadapan Tuhan atas sebab lelehannya yang najis itu.

³¹ Hendaklah kamu memisahkan orang Israel daripada kenajisannya dengan cara demikian, supaya jangan mereka mati dalam keadaan bernajis atas sebab menajiskan Khemah Suci-Ku yang ada di tengah-tengah mereka itu.

³² Itulah hukum tentang orang yang mengeluarkan lelehan, tentang lelaki yang terpancut maninya sehingga dia menjadi najis kerananya, ³³ dan tentang perempuan yang bernajis dalam tempoh haidnya, tentang lelaki dan perempuan yang mengeluarkan lelehan, dan tentang lelaki yang meniduri perempuan yang bernajis.’ ”

Hari penebusan

16 ¹ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa selepas kematian kedua-dua anak Harun ketika mereka mendekati ke hadapan Tuhan.

² Demikianlah firman Tuhan kepada Musa, “Beritahu abangmu Harun agar jangan masuk pada sembarangan waktu ke dalam Tempat Suci di sebalik tabir, di hadapan penutup pendamaian yang ada di atas tabut, supaya jangan dia mati, kerana Aku menampakkan diri dalam awan

di atas penutup pendamaian itu. ³ Beginilah cara bagaimana Harun harus masuk ke dalam Tempat Suci: hendaklah dia membawa seekor lembu jantan muda sebagai korban penghapus dosa, dan seekor domba jantan sebagai korban bakaran.

⁴ Hendaklah dia mengenakan tunik linen yang suci, menutupi auratnya dengan seluar pendek linen dan selempang linen membaluti dirinya serta dengan memakai serban linen. Itulah seperanggu pakaian suci yang perlu dipakainya. Sebelum mengenakan kesemua itu hendaklah dia memandikan tubuhnya dengan air.

⁵ Hendaklah dia mengambil dua ekor kambing jantan daripada jemaah Israel sebagai korban penghapus dosa dan seekor domba jantan sebagai korban bakaran. ⁶ Hendaklah Harun mempersembahkan lembu jantan bagi dirinya sendiri untuk dijadikan korban penghapus dosa, untuk mengadakan pendamaian demi dirinya serta demi keluarganya. ⁷ Setelah itu, hendaklah dia mengambil kedua-dua ekor kambing jantan tadi lalu menempatkannya di hadapan Tuhan, di depan pintu Khemah Pertemuan. ⁸ Hendaklah Harun mencabut undi atas kedua-dua ekor kambing jantan itu, satu undi bagi Tuhan dan satu

undi lagi bagi Azazel⁹ maka hendaklah Harun mempersembahkan kambing jantan yang terundi untuk Tuhan dan menyediakannya sebagai korban penghapus dosa.¹⁰ Akan tetapi, kambing jantan yang terundi bagi Azazel hendaklah ditempatkan hidup-hidup di hadapan Tuhan untuk upacara pendamaian, lalu dilepaskan ke gurun untuk Azazel.

¹¹ Untuk dirinya, hendaklah Harun mempersembahkan lembu jantan yang akan dijadikan korban penghapus dosa, untuk kemudian mengadakan pendamaian bagi dirinya serta demi keluarganya. Hendaklah lembu jantan itu disembelihnya sebagai korban penghapus dosa bagi dirinya.¹² Hendaklah dia mengambil pendupaan yang dipenuhi bara api daripada mazbah di hadapan Tuhan serta segenggam penuh dupa harum yang ditumbuk halus, lalu membawanya masuk ke balik tabir.¹³ Dupa itu hendaklah diletakkannya di atas api di hadapan Tuhan, sehingga asap dupa itu menyelubungi penutup pendamaian yang ada di atas tabut loh hukum supaya dia tidak mati.¹⁴ Hendaklah dia mengambil sebahagian daripada darah lembu jantan itu lalu memercikkannya dengan jarinya ke atas penutup pendamaian itu di sebelah timur dan sebahagian lagi daripada darah itu dipercikkannya di bahagian depan penutup

pendamaian itu sebanyak tujuh kali dengan jarinya.

¹⁵ Selanjutnya, hendaklah dia menyembelih kambing jantan yang dijadikan korban penghapus dosa bagi umat, lalu membawa darahnya masuk ke balik tabir. Hendaklah darah itu diperlakukan sebagaimana yang dibuat pada darah lembu jantan tadi, iaitu memercikkannya ke sebelah atas serta ke sebelah depan penutup pendamaian.

¹⁶ Hendaklah dia mengadakan pendamaian demi Tempat Suci atas sebab kenajisan orang Israel dan kerana segala pelanggaran mereka yang berkaitan, apa-apa pun dosa mereka. Demikianlah harus diperlakukannya ke atas Khemah Pertemuan yang ada bersama-sama mereka di tengah-tengah kenajisan mereka.

¹⁷ Tiada seorang pun boleh berada dalam Khemah Pertemuan ketika Harun masuk untuk mengadakan pendamaian di Tempat Suci, sampai dia keluar sesudah selesai mengadakan pendamaian demi dirinya, demi keluarganya, dan demi seluruh kalangan umat Israel. ¹⁸ Kemudian hendaklah dia keluar menuju mazbah yang ada di hadapan Tuhan, lalu mengadakan pendamaian demi mazbah itu. Hendaklah dia mengambil sebahagian daripada darah lembu jantan

dan daripada darah kambing jantan itu, lalu membubuhnya pada tanduk-tanduk di sekeliling mazbah. ¹⁹Sebahagian daripada darah itu hendaklah dipercikkannya sebanyak tujuh kali dengan jarinya ke mazbah. Demikianlah cara mazbah disucikan daripada kenajisan orang Israel.

²⁰Setelah selesai mengadakan pendamaian demi Tempat Suci, demi Khemah Pertemuan, dan demi mazbah, hendaklah Harun mempersembahkan kambing jantan yang hidup.

²¹Hendaklah Harun meletakkan kedua-dua tangannya di atas kepala kambing jantan yang hidup itu dan mengakui di atasnya segala kesalahan orang Israel serta segala pelanggaran mereka, atas apa sahaja jenis dosa mereka. Hendaklah kesemuanya ditanggungkannya ke atas kepala kambing jantan itu, lalu kambing itu dilepaskan ke gurun dengan perantaraan seorang yang sudah disiapkan untuk tugas tersebut.

²²Kambing jantan itu akan memikul segala kesalahan mereka ke tanah yang sunyi, dan kambing jantan itu harus dilepaskan di gurun.

²³Kemudian, hendaklah Harun masuk ke dalam Khemah Pertemuan, menanggalkan pakaian linen yang dikenakannya sewaktu dia masuk ke dalam

Tempat Suci sebelumnya, lalu meninggalkannya di situ. ²⁴ Hendaklah dia membasuh tubuhnya dengan air di tempat yang suci dan mengenakan pakaiannya sendiri. Setelah itu, hendaklah dia keluar dan mempersembahkan korban bakaran bagi dirinya serta korban bakaran umat, lalu mengadakan pendamaian demi dirinya dan demi umat. ²⁵ Hendaklah lemak korban penghapus dosa itu dibakarnya di atas mazbah. ²⁶ Sementara itu, hendaklah orang yang melepaskan kambing jantan bagi Azazel tadi mencuci pakaiannya dan membasuh tubuhnya dengan air. Sesudah itu barulah dia boleh masuk ke perkhemahan. ²⁷ Lembu jantan dan kambing jantan korban penghapus dosa, yang darahnya telah dibawa masuk ke dalam Tempat Suci untuk upacara pendamaian itu hendaklah dibawa ke luar perkhemahan. Hendaklah kulitnya, dagingnya, dan kotorannya dibakar habis. ²⁸ Orang yang membakar kesemua itu hendaklah mencuci pakaiannya dan membasuh tubuhnya dengan air. Sesudah itu barulah dia boleh masuk ke perkhemahan.

²⁹ Hendaklah hal ini menjadi peraturan tetap seterusnya bagi kamu, iaitu bahawa pada hari kesepuluh pada bulan ketujuh, hendaklah kamu

merendahkan diri dengan berpantang dan tidak melakukan sebarang pekerjaan pun, baik warga asli mahupun pendatang asing yang menghuni di tengah-tengah kalangan kamu, ³⁰ kerana pada hari itu akan diadakan pendamaian bagi kamu, untuk menyucikan kamu. Kamu akan disucikan di hadapan Tuhan daripada segala dosamu.

³¹ Hari itu hari Sabat bagi istirahat sepenuhnya bagimu, dan hendaklah kamu merendahkan diri dengan berpantang. Itu ialah ketetapan yang berkuat kuasa untuk seterusnya. ³² Hendaklah imam yang mengadakan pendamaian itu diurapi dan ditahbiskan untuk menjalankan tugas-tugas imam bagi menggantikan ayahnya. Dengan mengenakan pakaian linen, iaitu pakaian suci, ³³ hendaklah dia mengadakan pendamaian demi Tempat Yang Maha Suci, demi Khemah Pertemuan, demi mazbah, demi para imam, dan demi seluruh umat, iaitu kesemua anggota jemaah. ³⁴ Hendaklah hal ini menjadi ketetapan untuk seterusnya bagi kamu, iaitu bahawa setahun sekali hendaklah diadakan pendamaian demi orang Israel atas segala dosa mereka.”

Maka seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa, itulah yang dilakukan Harun.

Penyembelihan haiwan

17 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Katakanlah kepada Harun dan anak-anaknya serta kepada seluruh orang Israel, ‘Inilah yang diperintahkan oleh Tuhan:
³ Apabila sesiapa daripada keturunan kaum Israel menyembelih lembu, domba, atau kambing baik di dalam mahupun di luar perkhemahan ⁴ namun tidak membawanya untuk dipersembahkan di pintu Khemah Pertemuan sebagai korban kepada Tuhan di hadapan Khemah Suci-Nya, maka orang itu dianggap berhutang darah iaitu dia telah menumpahkan darah, maka dia harus disingkirkan daripada kalangan bangsanya. ⁵ Perintah itu bertujuan agar korban sembelihan yang biasa dipersembahkan oleh orang Israel di padang terbuka mereka dibawa kepada Tuhan dengan menyerahkannya kepada imam di pintu Khemah Pertemuan, dan dipersembahkan sebagai korban kedamaian kepada Tuhan. ⁶ Hendaklah imam memercikkan darah korban itu ke mazbah Tuhan di pintu Khemah Pertemuan, lalu membakar lemaknya hingga keharumannya diredai Tuhan. ⁷ Mereka tidak boleh lagi mempersembahkan korban sembelihan mereka kepada jin kambing – sebelumnya mereka seumpama menyundalkan

diri dengan menyembah jin itu. Inilah peraturan yang tetap dan berkekalan terhadap mereka turun-temurun.

⁸ Katakanlah ini juga kepada mereka: Apabila sesiapa daripada keturunan kaum Israel atau warga asing yang menghuni dengan mereka mempersembahkan korban bakaran atau korban sembelihan ⁹ namun tidak dibawanya untuk mempersembahkannya di pintu Khemah Pertemuan sebagai korban kepada Tuhan, maka hendaklah orang itu disingkirkan daripada kalangan bangsanya.’ ”

Larangan memakan darah atau bangkai

¹⁰ “Apabila sesiapa daripada keturunan kaum Israel atau warga asing yang menghuni dengan mereka memakan darah, dia akan Aku musuhi dan akan Aku singkirkan daripada kalangan bangsanya. ¹¹ Nyawa sesuatu makhluk itu ada dalam darahnya, dan Aku telah menentukan agar darah itu dicurahkan bagimu di atas mazbah untuk pendamaian demi nyawamu, kerana darah yang merupakan nyawa, memungkinkan terjadinya pendamaian. ¹² Atas sebab itulah Aku berfirman kepada orang Israel: Tiada seorang

17:10: Kej 9:4; Im 7:26,27; 19:26; Ul 12:16,23; 15:23.

17:11: Ibr 9:22.

pun antara kamu boleh makan darah dan begitu jugalah warga asing yang menghuni antara kamu.

¹³ Apabila sesiapa daripada umat Israel atau warga asing yang menghuni dengan kamu memburu seekor binatang atau burung yang halal dimakan, hendaklah dia menumpahkan darah makhluk itu lalu menutupinya dengan tanah; ¹⁴ sebab bagi setiap makhluk, darahnya ialah nyawanya. Lantaran itu Aku berfirman kepada orang Israel: Janganlah kamu memakan darah makhluk apa-apa pun, kerana nyawa setiap makhluk ada dalam darahnya. Hendaklah sesiapa pun yang memakannya disingkirkan.

¹⁵ Hendaklah setiap orang, baik warga asli mahupun warga asing, yang memakan bangkai atau haiwan yang dikoyak-koyak oleh binatang buas, mencuci pakaiannya, mandi di dalam air, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. Sesudah itu barulah dia menjadi suci.

¹⁶ Tetapi jika dia tidak mencuci pakaiannya dan tidak membasuh tubuhnya, hendaklah dia menanggung akibat daripada kesalahannya.”

Hubungan jenis yang terlarang

18 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Akulah Tuhan, Allahmu. ³ Janganlah kamu lakukan kegiatan seperti yang terdapat di Tanah Mesir,

di mana kamu menghuni dahulu; dan janganlah kamu lakukan kegiatan seperti yang terdapat di Tanah Kanaan, ke mana Aku membawa kamu. Dan jangan kamu jalani kehidupanmu menurut segala hukum dan peraturan mereka.

⁴ Kamu dimestikan mematuhi segala hukum dan peraturan-Ku dan kehidupan kamu mestilah berpegang teguh pada kesemua ketetapan itu. Akulah Tuhan, Allahmu. ⁵ Taatilah segala ketetapan-Ku dan peraturan-Ku, kerana jika seseorang melakukannya dia akan hidup mengikutnya. Akulah Tuhan.

⁶ Janganlah seorang pun antara kamu menghampiri sesiapa yang menjadi kerabat dekatnya untuk menidurinya. Akulah Tuhan.

⁷ Janganlah meniduri ayahmu dan janganlah meniduri ibumu. Dia ibumu, jangan engkau menidurinya. ⁸ Jangan meniduri isteri ayahmu, kerana hal itu mengaibkan ayahmu.

⁹ Jangan meniduri saudara perempuanmu, anak ayahmu atau anak ibumu, baik yang lahir serumah mahupun yang lahir di luar. Jangan menidurinya. ¹⁰ Jangan meniduri cucu perempuan, baik daripada anak lelaki atau

18:5: Neh 9:29; Yeh 18:9; 20:11-13; Luk 10:28; Rm 10:5; Gal 3:12. **18:8:** Im 20:11; Ul 22:30; 27:20.

18:9: Im 20:17; Ul 27:22.

anak perempuanmu, kerana hal itu mengaibkan dirimu sendiri. ¹¹ Jangan meniduri adik tiri perempuan daripada isteri ayahmu yang melahirkannya baginya, kerana dia saudara perempuanmu, jangan engkau menidurinya.

¹² Jangan meniduri saudara perempuan ayahmu; dia kerabat terdekat ayahmu. ¹³ Jangan meniduri saudara perempuan ibumu; dia kerabat terdekat ibumu. ¹⁴ Jangan aibkan saudara lelaki ayahmu dengan meniduri isterinya; dia ibu saudaramu.

¹⁵ Jangan meniduri menantu perempuanmu kerana dia isteri anakmu. Jangan menidurinya. ¹⁶ Jangan meniduri isteri saudara lelakimu, kerana hal itu mengaibkan saudaramu. ¹⁷ Jangan meniduri seorang perempuan dan juga dengan anak perempuannya. Juga, jangan meniduri cucu perempuannya, baik daripada anak lelakinya mahupun daripada anak perempuannya, kerana mereka kerabat dekatnya dan hal itu mengaibkan. ¹⁸ Jangan mengahwini saudara perempuan isterimu dan menyetubuhinya selama isterimu itu masih hidup.

¹⁹ Jangan hampiri seorang perempuan untuk menidurinya pada waktu dia najis kerana

18:12: Im 20:19,20. **18:15:** Im 20:12.

18:16: Im 20:21. **18:17:** Im 20:14; Ul 27:23.

18:19: Im 20:18.

sedang haid. ²⁰ Jangan meniduri isteri sesama jiranmu lantas engkau menajiskan dirimu dengannya. ²¹ Jangan serahkan seorang daripada keturunanmu untuk dipersembahkan kepada Molokh, dan jangan cemarkan nama Allahmu. Akulah Tuhan. ²² Jangan meniduri lelaki seperti meniduri perempuan; itu hal yang keji. ²³ Jangan meniduri binatang jenis apa-apa pun sehingga kamu menajiskan dirimu dengan binatang itu. Seorang perempuan tidak boleh mengambil tempat di depan seekor binatang untuk melakukan hubungan jenis dengan haiwan itu kerana perbuatan itu keji.

²⁴ Jangan najiskan dirimu dengan semua itu, kerana bangsa-bangsa yang akan Kuusir dari hadapanmu telah menajiskan diri mereka dengan semua hal itu. ²⁵ Bumi itu juga menjadi najis lalu Aku menghukum dosanya sehingga negeri itu memuntahkan penduduknya. ²⁶ Akan tetapi, kamu, baik warga asli mahupun pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu, mesti berpegang teguh pada segala ketetapan-Ku dan peraturan-Ku. Jangan lakukan satu pun daripada segala hal keji itu, ²⁷ kerana penduduk negeri ini sebelum kamu telah

18:20: Im 20:10. **18:21:** Im 20:1-5. **18:22:** Im 20:13.

18:23: Kel 22:19; Im 20:15,16; Ul 27:21.

melakukan segala hal keji itu sehingga bumi itu menjadi najis. ²⁸ Jika kamu menajiskannya, maka negeri itu akan memuntahkan kamu, sebagaimana bangsa yang tinggal sebelum kamu dimuntahkannya. ²⁹ Sesiapa pun yang melakukan satu sahaja daripada segala hal keji itu hendaklah disingkirkan daripada kalangan bangsanya.

³⁰ Maka peganglah dengan teguh segala kewajipanmu terhadap Aku dan jangan lakukan satu pun daripada segala perbuatan keji yang dilakukan oleh warga sebelum kamu. Jangan najiskan dirimu dengan semua itu. Akulah Tuhan, Allahmu.’ ”

Peraturan-peraturan keagamaan

19 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Katakanlah kepada seluruh jemaah Israel, ‘Hendaklah kamu suci, kerana Aku, Tuhan, Allahmu, suci. ³ Hendaklah setiap orang daripada kamu penuh takzim kepada ibu dan ayahnya serta memelihara hari Sabat-Ku. Akulah Tuhan, Allahmu.

19:2: Im 11:44,45; 1Ptr 1:16.

19:3 a: Kel 20:12; Ul 5:16; **b:** Kel 20:8; Ul 5:12.

⁴ Janganlah berpaling lalu menyembah apa-apa berhala dan janganlah kamu buat apa-apa tuhan tuangan. Akulah Tuhan, Allahmu.

⁵ Apabila kamu mempersembahkan korban kedamaian kepada Tuhan, hendaklah kamu mempersembahkannya secara yang persembahan itu diterima demi dirimu.

⁶ Hendaklah korban itu dimakan pada hari kamu mempersembahkannya atau pada keesokan harinya; tetapi hendaklah dibakar habis segala yang tersisa sampai hari ketiga. ⁷ Jika ada yang dimakan juga pada hari ketiga, maka kejiilah korban itu dan tidaklah korban itu akan diterima. ⁸ Apatah lagi, hendaklah sesiapa yang memakannya menanggung kesalahannya mencemari persembahan suci untuk Tuhan. Hendaklah orang itu disingkirkan daripada kalangan bangsanya.

⁹ Apabila kamu menuai hasil tanahmu, hendaklah kamu menuai ladangmu tidak habis sampai ke pinggir-pinggirnya, dan jangan kamu pungut saki-baki tuaianmu. ¹⁰ Demikian jugalah, jangan kamu petik kebun anggurmu sampai habis licin dan janganlah kamu pungut buah-buah yang berguguran di kebun anggurmu. Hendaklah

19:4 a: Im 26:1; **b:** Kel 20:23; 34:17; Ul 17:2-5.

19:9: Im 27:15; Ul 24:19-22.

kamu tinggalkan semua itu untuk para fakir miskin serta pendatang. Akulah Tuhan, Allahmu.

¹¹ Jangan mencuri, menipu atau berbohong antara satu sama lain.

¹² Jangan bersumpah palsu atas nama-Ku agar jangan sampai kamu mencemarkan nama Allahmu. Akulah Tuhan.

¹³ Jangan menindas atau merompak jiranmu; dan secara khususnya, jangan kamu tahan pembayaran upah seseorang semalaman sampai pagi harinya. ¹⁴ Jangan kamu mengutuk orang yang pekak dan jangan kamu letakkan batu sandungan di laluan orang buta. Takutlah kepada Allahmu. Akulah Tuhan.

¹⁵ Jangan berlaku tidak adil dalam pengadilan, usah bersikap berat kepada orang miskin dan usah lebih menghormati kalangan yang besar dan berkuasa, melainkan mengadili sesama manusia secara benar. ¹⁶ Jangan ke sana ke mari menyebarkan fitnah dalam kalangan umat sebangsamu, namun begitu jangan berdiam diri sahaja tatkala nyawa jiranmu terancam. Akulah Tuhan.

19:11 a: Kel 20:15; Ul 5:19; **b:** Kel 20:16; Ul 5:20.

19:12: Kel 20:7; Ul 5:11; Mat 5:33. **19:13:** Ul 24:14,15.

19:14: Ul 27:18. **19:15:** Kel 23:6-8; Ul 16:19.

¹⁷ Jangan kamu membenci saudaramu dalam hatimu tetapi berikan teguran sesamamu secara berterus terang agar kamu tidak terbawa dosa kerana dia. ¹⁸ Jangan membalas dendam ataupun berdendam kepada sesiapa antara umat sebangsamu, tetapi sebaliknya, kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri. Akulah Tuhan.

¹⁹ Berpegang teguhlah pada segala peraturan-Ku. Jangan membiak baka kacukan daripada dua jenis haiwan ternakanmu. Jangan semai dua jenis benih bijirin di ladangmu. Jangan kenakan pada tubuhmu pakaian yang ditenun daripada dua jenis benang.

²⁰ Seandainya seorang lelaki meniduri seorang hamba perempuan yang telah dijanjikan untuk menjadi gundik seseorang tetapi belum pernah ditebus dan dimerdekakan, maka perlu diadakan penyiasatan. Namun begitu, janganlah mereka dihukum mati, kerana perempuan itu belum dimerdekakan. ²¹ Sebagai pemampasan, hendaklah lelaki itu membawa seekor domba jantan sebagai korban penebus kesalahannya ke pintu Khemah Pertemuan untuk dipersembahkan

19:17: Mat 18:15.

19:18: Mat 5:43; 19:19; 22:39; Mrk 12:31; Luk 10:27; Rm 13:9; Gal 5:14; Yak 2:8. **19:19:** Ul 22:9-11.

kepada Tuhan. ²² Hendaklah imam mengadakan pendamaian dengan domba jantan korban penebus kesalahan bagi orang itu di hadapan Tuhan kerana dosanya, dan orang itu akan diampuni.

²³ Apabila kamu meneroka negeri itu lalu kamu menanam segala jenis pohon buah-buahan, maka hendaklah selama tiga tahun buahnya kamu pandang sebagai buah terlarang. Jangan kamu memakannya. ²⁴ Pada tahun keempat kesemua buahnya hendaklah suci dan menjadi sebagai suatu persembahan puji-pujian kepada Tuhan. ²⁵ Pada tahun kelima barulah kamu boleh memakan buahnya. Dengan demikian pohon-pohon itu akan memberikan hasil kepadamu. Akulah Tuhan, Allahmu.

²⁶ Jangan memakan sesuatu dengan darahnya. Jangan bernujum dan jangan lakukan peramalan nasib. ²⁷ Jangan kamu cukur licin rambut di pelipismu dan jangan rosakkan tepi janggutmu. ²⁸ Jangan buat torehan pada daging tubuhmu demi orang yang mati dan jangan cacah kulitmu. Akulah Tuhan.

²⁹ Jangan cemarkan anak perempuanmu dengan menjadikannya pelacur agar bumi itu

tidak terjerumus dalam kancah persundalan lalu dipenuhi oleh keaiban. ³⁰ Peliharalah hari-hari Sabat-Ku dan hormatilah tempat suci-Ku. Akulah Tuhan.

³¹ Jangan menggunakan khidmat pemanggil arwah dan para ahli sihir. Jangan mencari mereka sehingga kamu tercemar kerana mereka. Akulah Tuhan, Allahmu.

³² Bangkitlah berdiri di hadapan orang yang sudah beruban, hormatilah orang yang sudah tua, dan takutlah kepada Allahmu. Akulah Tuhan.

³³ Jika seorang warga asing tinggal dalam kalangan kamu di negerimu, jangan kamu tindas dia. ³⁴ Sebaliknya, hendaklah kamu menganggap pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu itu sebagai warga asal sepertimu. Kasihilah dia seperti dirimu sendiri, kerana kamu pun dahulu pendatang di Tanah Mesir. Akulah Tuhan, Allahmu.

³⁵ Jangan berlaku curang dalam hal ukuran, dalam hal timbangan, dan dalam hal sukatan.

³⁶ Gunakanlah neraca yang betul, batu timbangan

19:30: Im 26:2.

19:31: Ul 18:11; 1Sam 28:3; 2Raj 23:4; Yes 8:19.

19:33: Kel 22:21; Ul 24:17,18; 27:19.

19:35: Ul 25:13-16; Ams 20:10; Yeh 45:10.

yang betul, efa^g yang betul, dan hin^h yang betul. Akulah Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir. ³⁷ Berpegang teguhlah pada segala ketetapan-Ku dan segala peraturan-Ku, dan lakukanlah semua itu. Akulah Tuhan.’ ”

Pelbagai perbuatan keji dan hukumannya

20 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Sesiapa pun daripada orang Israel atau warga pendatang antara orang Israel yang mempersembahkan seorang daripada keturunannya kepada Molokh, dia mesti dihukum mati. Rakyat negeri harus merejam dia dengan batu. ³ Aku juga akan memusuhi dan akan menyingkirkan orang itu daripada kalangan bangsanya, kerana dia mempersembahkan anaknya kepada Molokh lantas menajiskan tempat suci-Ku dan mencemarkan nama-Ku yang suci. ⁴ Jika warga negeri menutup mata terhadap orang itu ketika dia mempersembahkan anaknya kepada Molokh, dan mereka tidak menghukum mati orang itu, ⁵ maka Aku sendiri akan menentang orang itu serta kaum keluarganya.

^g**19:36** “Efa” satu timbangan untuk barang-barang kering.

^h**19:36** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

Aku akan menyingkirkan dia daripada kalangan bangsanya, juga kesemua orang yang turut terpesong sepertinya dengan menyembah Molokh.

⁶ Orang yang berpaling kepada pemanggil arwah dan ahli sihir sehingga terpesong lantaran mengikut mereka itu akan Kumusuhi dan Kusingkirkan daripada kalangan bangsanya.

⁷ Oleh itu, sucikanlah dirimu dan jadilah suci kerana Akulah Tuhan, Allahmu. ⁸ Berpegang teguhlah pada segala ketetapan-Ku dan amalkanlah kesemuanya. Akulah Tuhan yang menyucikan kamu.

⁹ Sesungguhnya, sesiapa pun yang mengutuk ayahnya atau ibunya, dia pasti dihukum mati dan hutang darahnya bertanggung atas dirinya sendiri.

¹⁰ Seseorang lelaki yang berzina dengan isteri orang lain, iaitu isteri sesama jirannya, pastilah dia dihukum mati, dan begitu jugalah perempuan yang berzina itu dihukum mati. ¹¹ Seseorang lelaki yang meniduri isteri ayahnya bererti dia mengaibkan ayahnya. Kedua-duanya pasti dihukum mati, dan darah mereka bertanggung

atas diri mereka sendiri. ¹² Jika seorang lelaki meniduri menantu perempuannya, maka pastilah kedua-duanya dihukum mati. Mereka telah melakukan suatu kemungkaran, dan darah mereka bertanggung ke atas diri mereka sendiri. ¹³ Jika seorang lelaki meniduri lelaki lain sebagaimana lelaki meniduri perempuan, maka kedua-duanya melakukan perkara yang keji. Mereka mesti dihukum mati dan darah mereka bertanggung atas diri mereka sendiri. ¹⁴ Jika seorang lelaki memperisteri seorang perempuan sekali gus juga ibunya, maka hal itu suatu kehinaan. Hendaklah ketiga-tiga mereka iaitu lelaki itu dan kedua-dua orang perempuan itu dibakar, supaya jangan ada kecabulan dalam kalangan kamu. ¹⁵ Jika seorang lelaki meniduri seekor binatang, dia mesti dihukum mati, dan hendaklah kamu bunuh juga binatang itu. ¹⁶ Jika seorang perempuan menghampiri mana-mana binatang untuk menidurinya, maka hendaklah kamu membunuh perempuan itu dan juga binatang itu. Hendaklah kedua-duanya dibunuh dan darah mereka bertanggung ke atas diri mereka sendiri.

20:12: Im 18:15. **20:13:** Im 18:22.

20:14: Im 18:17; Ul 27:23.

20:15: Kel 22:19; Im 18:23; Ul 27:21.

¹⁷ Jika seorang lelaki memperisteri saudara perempuannya, sama ada anak ayahnya atau anak ibunya, maka dia seterusnya melihat aurat perempuan itu dan perempuan itu melihat auratnya, maka perkara itu sesuatu yang memalukan. Hendaklah mereka disingkirkan daripada depan mata umat sebangsa mereka. Atas sebab lelaki itu telah meniduri saudara perempuannya, maka hendaklah dia menanggung kesalahannya. ¹⁸ Jika seorang lelaki meniduri seorang perempuan yang sedang haid sehingga dia menyingkapkan lelehan darah perempuan itu dan perempuan itu menyingkapkan lelehan darahnya itu maka hendaklah kedua-duanya disingkirkan daripada kalangan bangsa mereka.

¹⁹ Jangan meniduri saudara perempuan ibumu atau saudara perempuan ayahmu, kerana orang yang berbuat demikian mengaibkan kerabat sendiri. Hendaklah kedua-duanya menanggung kesalahan mereka. ²⁰ Jika seorang lelaki meniduri ibu saudaranya, dia mengaibkan bapa saudaranya. Hendaklah mereka menanggung dosa mereka dan mereka akan mati tanpa mempunyai anak. ²¹ Jika seorang

20:17: Im 18:9; Ul 27:22. **20:18:** Im 18:19.

20:19: Im 18:12-14. **20:21:** Im 18:16.

lelaki memperisteri isteri saudaranya, maka hal itu suatu perbuatan yang tercemar. Dia mengaibkan saudaranya itu dan mereka tidak akan mempunyai anak.

²² Oleh itu, taatilah segala ketetapan-Ku dan segala peraturan-Ku, serta amalkanlah kesemuanya supaya jangan kamu dimuntahkan oleh negeri ke mana Aku membawamu untuk kamu huni. ²³ Jangan hidup menurut kebiasaan bangsa-bangsa yang akan Kuusir daripadamu, kerana mereka telah melakukan semua kemungkaran seperti yang tersebut itulah maka Aku amat membenci mereka. ²⁴ Tetapi Aku berfirman kepadamu: Kamu akan menduduki tanah mereka dan Aku akan mengurniakannya kepadamu untuk menjadi milikmu, negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu. Akulah Tuhan, Allahmu, yang telah mengasingkan kamu daripada bangsa-bangsa lain. ²⁵ Oleh sebab itu, kamu harus mengasingkan haiwan yang suci daripada yang najis, demikian pula burung yang najis dengan yang suci. Jangan kamu cemari dirimu dengan haiwan, burung, atau segala yang merayap di tanah, yang telah Kuasingkan untuk kamu golongan sebagai najis. ²⁶ Hendaklah kamu suci untuk-Ku kerana Aku, Tuhan, suci adanya, dan Aku telah mengasingkan kamu

daripada bangsa-bangsa lain supaya kamu menjadi milik-Ku.

²⁷ Seorang lelaki atau perempuan yang menjadi pemanggil arwah atau ahli sihir pastinya dihukum mati. Hendaklah mereka direjam dengan batu dan darah mereka tertanggung atas diri mereka sendiri.”

Pelbagai peraturan demi kesucian para imam

21 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Berbicaralah kepada para imam, iaitu anak-anak Harun, dan katakanlah kepada mereka, ‘Seorang imam tidak boleh menajiskan dirinya dengan menyentuh sesiapa pun yang mati daripada kalangan umat sebangsanya, ² kecuali para saudara terdekat yang sedarah sedaging dengannya seperti ibunya, ayahnya, anak lelakinya, anak perempuannya, saudara lelakinya, ³ atau saudara perempuannya yang masih perawan dan yang belum bersuami. Dengan mereka itu dia boleh menajiskan diri. ⁴ Sebagai seorang ketua dalam kalangan bangsanya, dia tidak boleh menajiskan diri sehingga dirinya tercemar.

⁵ Para imam tidak boleh menggondolkan kepala mereka, mencukur tepi janggut mereka,

ataupun membuat torehan pada tubuh mereka.

⁶Sebaliknya, hendaklah mereka suci untuk Allah mereka dan tidak boleh mencemarkan nama Allah mereka, kerana merekalah yang mempersembahkan korban bakaran untuk Tuhan, iaitu santapan Allah mereka. Oleh itu, mereka haruslah suci. ⁷Mereka tidak boleh memperisteri seorang perempuan sundal atau perempuan yang ternoda atau perempuan yang sudah diceraikan oleh suaminya, kerana imam itu suci untuk Allah mereka. ⁸Hendaklah kamu tahbiskan dia kerana dialah yang mempersembahkan santapan berupa korban kepada Allahmu. Hendaklah dia suci buat kamu kerana Aku, Tuhan yang menyucikan kamu, sememangnya kudus. ⁹Jika anak perempuan seorang imam menjadi pelacur lantas mencemarkan dirinya, dia mencemarkan ayahnya, dan hendaklah dia dibakar dengan api.

¹⁰Orang yang menjadi imam besar dalam kalangan saudaranya, iaitu yang kepalanya sudah dicurahi minyak tahbis dan yang sudah dilantik untuk mengenakan pakaian suci, tidak boleh menguraikan rambutnya dan tidak boleh mengoyakkan pakaiannya. ¹¹Dia tidak boleh mendekati mayat sesiapa pun, bahkan tidak boleh menajiskan diri dengan jenazah ayahnya atau ibunya. ¹²Dia tidak boleh keluar dari tempat

suci dan tidak boleh mencemari tempat suci Allahnya, kerana minyak pentahbisan Allahnya ada padanya. Akulah Tuhan. ¹³ Hendaklah dia memperisteri seorang perawan. ¹⁴ Tidak boleh dia memperisteri seorang balu, perempuan yang sudah diceraikan, perempuan yang ternoda, atau perempuan sundal. Dia hanya diperkenankan memperisteri seorang perawan dalam kalangan bangsanya, ¹⁵ supaya jangan dia mencemarkan keturunannya antara umatnya, kerana Akulah Tuhan yang menyucikannya.’ ”

¹⁶ Tuhan berfirman kepada Musa, ¹⁷ “Katakanlah kepada Harun, ‘Sesiapa pun antara keturunanmu turun-temurun yang cacat tubuhnya tidak boleh tampil untuk mempersembahkan santapan berupa korban kepada Allahnya. ¹⁸ Sebab tiada sesiapa pun yang memiliki cacat tubuh boleh tampil: sama ada orang buta, orang tempang, orang yang cacat mukanya, orang yang cacat teruk atau terlalu panjang anggota tubuhnya, ¹⁹ orang yang patah kakinya atau yang patah tangannya, ²⁰ orang yang belakangnya bongkok melengkung, orang kerdil, orang yang ada selaput pada matanya, orang yang berkudis, orang yang berkurap, atau orang yang rosak buah zakarnya. ²¹ Tiada seorang pun daripada keturunan Imam Harun yang cacat tubuhnya boleh tampil untuk mempersembahkan korban

bakaran untuk Tuhan. Tubuhnya cacat maka dia tidak boleh tampil untuk mempersembahkan santapan berupa korban kepada Allahnya. ²² Dia boleh memakan santapan Allahnya itu, baik yang teramat suci mahupun yang suci. ²³ Akan tetapi tubuhnya cacat, maka dia tidak boleh masuk ke balik tabir dan tidak boleh mendekati mazbah atau tempat pembakaran korban, supaya jangan dia mencemari tempat suci-Ku kerana Akulah Tuhan yang menyucikan mereka.' ”

²⁴ Demikianlah dikatakan Musa kepada Harun, kepada anak-anaknya, dan kepada seluruh orang Israel.

Peraturan tentang persembahan korban

22 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Katakanlah kepada Harun dan anak-anaknya agar mereka mengawasi diri terhadap persembahan-persembahan suci yang ditakdiskan orang Israel bagi-Ku, supaya jangan mereka mencemarkan nama-Ku yang suci. Akulah Tuhan. ³ Katakanlah kepada mereka: Sesiapa pun daripada antara semua keturunanmu turun-temurun, yang dalam keadaan najis mendekati persembahan-persembahan suci yang ditakdiskan orang Israel untuk Tuhan, hendaklah dia disingkirkan daripada hadapan-Ku. Akulah Tuhan.

⁴ Sesiapa pun daripada keturunan Harun yang sakit kusta atau yang mengeluarkan lelehan tidak boleh memakan persembahan-persembahan suci sebelum dia menjadi suci. Jika seseorang menyentuh sesuatu yang najis kerana mayat atau kerana orang yang keluar air maninya, ⁵ dan jika seseorang menyentuh seekor binatang merayap yang menajiskan dia ataupun manusia yang menajiskan dia, baik apa-apa pun kenajisannya, ⁶ maka orang itu menjadi najis sampai waktu maghrib. Dia tidak boleh makan daripada persembahan-persembahan suci, kecuali jika dia sudah membasuh tubuhnya dengan air.

⁷ Setelah matahari terbenam barulah dia menjadi suci, dan sesudah itu dia boleh makan daripada persembahan-persembahan suci, kerana itu memang makanannya. ⁸ Dia tidak boleh memakan bangkai atau haiwan yang dikoyak-koyak binatang buas, kerana dengan demikian dia menjadi najis. Akulah Tuhan.

⁹ Para imam wajib memegang teguh kewajipan mereka terhadap-Ku, supaya jangan mereka tanggung dosa sehubungan dengan hal itu lalu mati kerananya, iaitu atas sebab mereka mencemari kewajipan itu. Akulah Tuhan yang menyucikan mereka.

¹⁰ Tiada sesiapa dalam kalangan bukan imam yang boleh memakan apa-apa persembahan suci

dan begitu jugalah perantau yang menumpang kediaman imam ataupun pekerja upahannya tidak boleh memakan persembahan suci.

¹¹ Namun begitu, jika imam ada hamba dibelinya, hamba itu dan sesiapa juga yang lahir di rumah imam, boleh memakan apa yang dimakan oleh imam itu. ¹² Anak perempuan imam yang bersuamikan orang awam tidak boleh memakan persembahan khusus daripada segala persembahan suci. ¹³ Namun demikian, jika anak perempuan imam itu menjadi balu atau bercerai tanpa mempunyai keturunan lalu kembali ke rumah ayahnya seperti pada masa mudanya, dia boleh makan apa yang dimakan ayahnya, tetapi semua orang awam tidak boleh memakannya.

¹⁴ Jika seseorang tanpa sengaja memakan persembahan suci, maka hendaklah dia membayar ganti persembahan suci itu kepada imam dengan menambah seperlima daripada nilainya. ¹⁵ Para imam tidak boleh mencemari segala persembahan suci yang dipersembahkan orang Israel kepada Tuhan, ¹⁶ lantas dengan demikian mereka menyebabkan orang Israel menanggung kesalahan yang harus ditebus, apabila orang Israel itu memakan persembahan suci mereka. Akulah Tuhan yang menyucikan mereka.”

¹⁷ Tuhan berfirman kepada Musa,
¹⁸ “Berbicaralah kepada Harun dan anak-anaknya, dan kepada seluruh orang Israel, dan katakanlah kepada mereka, ‘Sesiapa pun dalam kalangan keturunan kaum Israel atau warga pendatang dalam kalangan orang Israel yang membawa persembahannya, baik korban nazar mahupun korban sukarela yang hendak dipersembhkannya sebagai korban bakaran kepada Tuhan, ¹⁹ hendaklah dia mempersembahkan seekor haiwan jantan yang tidak bercacat cela daripada lembu, domba, atau kambing, supaya persembahan itu diterima-Nya demi kamu. ²⁰ Kamu tidak boleh mempersembahkan apa-apa pun yang ada cacat cela kerana persembahan itu tidak akan diterima-Nya demi kamu. ²¹ Sesiapa sahaja yang mempersembahkan korban kedamaian kepada Tuhan sama ada sebagai pembayar nazar khusus atau sebagai korban sukarela daripada kawanan lembu, kambing atau domba, maka korban itu hendaklah tidak bercacat cela, agar Dia berkenan menerimanya. Tidak boleh ada apa-apa yang cacat pun pada tubuh haiwan korbannya. ²² Jangan persembahkan kepada Tuhan binatang yang buta, yang luka, yang

kudung, yang ada kudis bernanah lagi busuk, atau yang berkurap, dan jangan serahkan semua itu sebagai korban bakaran di atas mazbah untuk Tuhan. ²³ Seekor lembu jantan atau anak domba yang terlalu panjang atau terlalu pendek anggota tubuhnya boleh kamu persembahkan sebagai persembahan sukarela, tetapi tidak sebagai korban nazar, kerana Dia tidak akan berkenan menerimanya. ²⁴ Binatang yang buah pelirnya terjepit, atau dikerat, terluka janganlah kamu persembahkan kepada Tuhan. Hal itu tidak boleh kamu lakukan di bumimu.

²⁵ Jangan menerima binatang seperti itu daripada tangan orang asing lalu mempersembhkannya sebagai korban untuk bersyukur kepada Allahmu, kerana semua binatang itu rosak dan memiliki kecacatan tubuh dan Dia tidak akan berkenan menerimanya demi kamu.' ”

²⁶ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁷ “Hendaklah seekor anak haiwan yakni lembu, domba, atau kambing yang baru lahir berada dengan induknya selama tujuh hari, tetapi mulai hari kelapan dan seterusnya haiwan itu sudah boleh dijadikan korban persembahan yang dibakar untuk Tuhan. ²⁸ Namun begitu, jangan sembelih seekor lembu atau domba dengan anaknya pada hari yang sama. ²⁹ Apabila kamu mempersembahkan

korban syukur kepada Tuhan, hendaklah kamu mempersembahkannya sedemikian rupa agar Dia berkenan menerimanya demi kamu. ³⁰ Korban itu mesti dimakan pada hari itu juga, dan jangan tinggalkan sisa sampai pagi hari esoknya. Akulah Tuhan.

³¹ Kamu wajib mentaati segala perintah-Ku dan mengamalkan kesemuanya. Akulah Tuhan.

³² Janganlah kamu mencemarkan nama-Ku yang suci. Aku mesti disembah sebagai Yang Maha Suci di tengah-tengah orang Israel. Akulah Tuhan yang menyucikan kamu, ³³ yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir supaya Aku menjadi Allahmu. Akulah Tuhan.”

Peraturan pelbagai hari perayaan

23 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Beritahu orang Israel dan katakanlah kepada mereka, ‘Inilah hari-hari perayaan yang Tuhan tetapkan dan hendaklah kamu isytiharkan sebagai hari ibadat berjemaah yang suci.

³ Hendaklah selama enam hari umat melakukan pekerjaan mereka, tetapi hari ketujuh ialah hari Sabat, hari istirahat penuh, hari perhimpunan jemaah yang suci, dan janganlah dilakukan apa-apa pekerjaan pun. Itu ialah hari Sabat untuk

Tuhan yang berkuat kuasa di seluruh tempat kediaman kamu.

Perayaan Hari Paskah dan Roti Tidak Beragi

⁴ 'Inilah hari-hari perayaan yang ditetapkan Tuhan, hari ibadat berjemaah yang suci, dan hendaklah kamu isytiharkannya menurut waktu yang ditentukan. ⁵ Pada waktu senja hari keempat belas pada bulan pertama ialah perayaan Hari Paskah untuk Tuhan. ⁶ Pada hari kelima belas pada bulan itu juga ialah Hari Perayaan Roti Tidak Beragi untuk Tuhan. Hendaklah kamu memakan roti yang tidak beragi selama tujuh hari lamanya. ⁷ Pada hari pertama adakanlah perhimpunan jemaah yang suci dan janganlah dilakukan sebarang pekerjaan biasa kamu. ⁸ Selama tujuh hari hendaklah kamu membawa persembahan kepada Tuhan berupa korban bakaran dan pada hari ketujuh adakanlah pula perhimpunan jemaah yang suci. Jangan lakukan sebarang pekerjaan biasa."

Persembahan Hasil Tuaian Sulung

⁹ Tuhan berfirman kepada Musa, ¹⁰ "Beritahu orang Israel dan katakan kepada mereka,

23:5: Kel 12:1-13; Ul 16:1,2.

23:6: Kel 12:14-20; 23:15; 34:18; Ul 16:3-8.

'Setelah kamu berada di negeri yang akan Kukurniakan kepadamu, lalu kamu menuai hasil tanahnya, maka hendaklah kamu membawa berkas hasil pertama tuaian itu kepada imam.

¹¹ Hendaklah imam mengunjukkan berkas itu di hadapan Tuhan supaya Dia berkenan menerimanya demi kamu. Kemudian hendaklah imam mengunjukkannya sehari sesudah hari Sabat. ¹² Pada hari kamu mengunjukkan berkas itu, hendaklah kamu mempersembahkan kepada Tuhan seekor anak domba berumur setahun yang tidak bercacat cela sebagai korban bakaran.

¹³ Selain itu, hendaklah kamu juga persembahkan kepada Tuhan bahan makanan daripada dua persepuluh efaⁱ tepung terbaik dicampurkan dengan minyak zaitun, yang keharumannya meredakan, serta persembahkan minuman daripada seperempat hin^j anggur. ¹⁴ Sehingga tiba hari itu, yaitu sampai kamu membawa persembahan untuk memuliakan Allahmu, janganlah makan roti, bertih bijirin, atau bijirin baru. Itu ialah ketetapan yang berkuat kuasa secara berkekalan untuk kamu turun-temurun di mana-mana pun tempat tinggalmu.

ⁱ**23:13** Satu efa kira-kira 22 liter.

^j**23:13** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

¹⁵ Hendaklah kamu menghitung tujuh minggu genap dari hari sesudah hari Sabat itu, iaitu pada hari kamu membawa berkas persembahan unjukan. ¹⁶ Sesudah tiba pada hari Sabat yang ketujuh, hitunglah lima puluh hari lagi, kemudian persembahkanlah persembahan bahan makanan yang baru untuk memuliakan Tuhan. ¹⁷ Dari tempat-tempat tinggalmu bawalah dua buku roti persembahan unjukan yang dibuat daripada dua persepuluh efa tepung terbaik dan yang dibakar dengan ragi, sebagai roti hasil pertama untuk dipersembahkan kepada Tuhan. ¹⁸ Bersama-sama roti itu, persembahkanlah tujuh ekor domba berumur setahun yang tidak bercacat cela, seekor lembu jantan muda, dan dua ekor domba jantan. Hendaklah kesemuanya menjadi korban bakaran yang dipersembahkan kepada Tuhan, bersama-sama persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya – menjadi korban yang dibakar, yang keharumannya diredai Tuhan. ¹⁹ Persembahkan juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa dan dua ekor domba berumur setahun sebagai korban kedamaian. ²⁰ Hendaklah imam mengunjukkan kedua-dua ekor domba itu sebagai persembahan unjukan untuk Tuhan, bersama-sama roti hasil

pertama tadi. Itulah persembahan suci yang dipersembahkan kepada Tuhan, yang menjadi bahagian imam. ²¹ Pada hari itu juga hendaklah kamu menguar-uarkan dan mengadakan perhimpunan jemaah yang suci. Jangan lakukan sebarang pekerjaan biasa. Itu ialah ketetapan yang berkuat kuasa secara berkekalan untuk kamu turun-temurun di mana-mana pun tempat tinggalmu.

²² Apabila kamu menuai hasil tanahmu, jangan kamu tuai habis licin ladangmu sampai ke pinggir-pinggirnya, dan jangan kamu pungut apa-apa yang tertinggal daripada penuaianmu. Tinggalkanlah semua itu untuk para fakir miskin dan pendatang. Akulah Tuhan, Allahmu.' ”

Perayaan Peniupan Nafiri dan Hari Pendamaian

²³ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁴ “Beritahu orang Israel, ‘Pada hari pertama dalam bulan ketujuh adakanlah hari istirahat penuh yang diperingati dengan bunyi nafiri, suatu hari perhimpunan jemaah yang suci. ²⁵ Janganlah dikerjakan sebarang pekerjaan biasa kamu dan hendaklah kamu persembahkan korban bakaran kepada Tuhan.’ ”

²⁶ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁷ “Hari kesepuluh pada bulan ketujuh itu Perayaan Hari Pendamaian maka hendaklah kamu mengadakan perhimpunan jemaah yang suci dan menahan nafsumu dengan berpantang. Persembahkanlah korban bakaran untuk Tuhan. ²⁸ Pada hari itu janganlah lakukan apa-apa pekerjaan pun, kerana itu Perayaan Hari Pendamaian, hari untuk mengadakan pendamaian demi dirimu di hadapan Tuhan, Allahmu. ²⁹ Sesungguhnya, hendaklah sesiapa sahaja yang tidak merendahkan diri dan menahan nafsunya dengan berpantang pada hari itu disingkirkan daripada kalangan bangsanya; ³⁰ dan sesiapa sahaja yang melakukan sesuatu pekerjaan pada hari itu akan Kubinasakan daripada kalangan bangsanya. ³¹ Jangan melakukan apa-apa pekerjaan pun. Itu ialah ketetapan yang berkuat kuasa secara berkekalan untuk kamu turun-temurun di mana-mana jua pun tempat tinggalmu. ³² Itulah hari Sabat bagimu, iaitu hari istirahat penuh, dan hendaklah kamu menahan nafsumu dengan berpantang. Hendaklah kamu merayakan hari Sabat dengan beristirahat penuh dari waktu maghrib pada hari

kesembilan pada bulan itu hingga waktu maghrib pada hari esoknya.”

Perayaan Pondok Daun

³³ Tuhan berfirman kepada Musa, ³⁴ “Beritahu orang Israel, ‘Pada hari kelima belas pada bulan ketujuh ini ialah Perayaan Pondok Daun selama tujuh hari untuk Tuhan. ³⁵ Pada hari pertama, adakanlah perhimpunan jemaah yang suci, dan janganlah dikerjakan sebarang pekerjaan biasa kamu. ³⁶ Selama tujuh hari hendaklah kamu mempersembahkan korban bakaran untuk Tuhan. Pada hari kelapan adakan lagi perhimpunan jemaah yang suci, dan persembahkanlah korban bakaran untuk Tuhan. Itu ialah hari perhimpunan umum maka janganlah dikerjakan sebarang pekerjaan biasa kamu.

³⁷ Itulah hari-hari perayaan yang Tuhan tetapkan maka hendaklah kamu menguar-uarkan sebagai hari perhimpunan ibadat yang suci serta bawalah persembahan berupa korban bakaran untuk Tuhan, yaitu korban bakaran dan persembahan bahan makanan, korban sembelihan dan persembahan minuman menurut jumlah yang ditetapkan bagi setiap

harinya. ³⁸ Hari-hari perayaan tersebut ialah di luar hari-hari Sabat Tuhan, demikian jugalah korban serta persembahan itu pun di luar segala persembahanmu, korban nazarmu, juga korban sukarelamu yang kamu persembahkan kepada Tuhan.

³⁹ Jadi, setelah kamu mengumpulkan hasil tanahmu, mulai hari kelima belas pada bulan ketujuh itu, hendaklah kamu mengadakan perayaan selama tujuh hari untuk Tuhan. Hari pertama dan hari kelapan ialah hari istirahat penuh. ⁴⁰ Pada hari pertama ambillah buah-buah daripada pokok yang baik-baik, pelepah-pelepah pokok kurma, cabang-cabang pokok yang rendang, dan pokok gandarusa di tepi sungai, kemudian bersuka rialah di hadapan Tuhan, Allahmu selama tujuh hari. ⁴¹ Hendaklah kamu merayakannya sebagai hari perayaan selama tujuh hari dalam setahun untuk Tuhan. Itu ialah ketetapan yang berkuat kuasa secara berkekalan untuk kamu turun-temurun. Rayakanlah pada bulan ketujuh. ⁴² Hendaklah kamu tinggal selama tujuh hari di dalam pondok-pondok sementara. Hendaklah semua warga asli Israel tinggal di dalam pondok-pondok sementara, ⁴³ supaya keturunanmu tahu bahawa Aku telah membuat orang Israel tinggal dalam pondok-pondok

sementara ketika Aku membawa mereka keluar dari Tanah Mesir. Akulah Tuhan, Allahmu.’ ”

⁴⁴ Maka Musa pun mengumumkan kepada orang Israel hari-hari perayaan yang Tuhan tetapkan itu.

Peraturan dan persembahan di Khemah Suci

24 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Perintahkanlah orang Israel untuk membawa kepadamu minyak murni daripada buah zaitun yang ditumbuk hancur untuk pencahayaan agar pelita sentiasa ternyala.
³ Hendaklah Harun mengaturkan pelita supaya sentiasa ternyala dari petang sampai pagi di hadapan Tuhan, di luar tabir yang menudungi tabut loh hukum di dalam Khemah Pertemuan. Inilah ketetapan bagi kamu untuk turun-temurun.
⁴ Hendaklah dia sentiasa menyusun pelita-pelita di atas kaki pelita daripada emas tulen itu di hadapan Tuhan.”

⁵ “Hendaklah kamu mengambil tepung terbaik dan menggunakannya untuk membakar dua belas buah buku roti daripada tepung itu, iaitu dua persepuluh efa^k bagi setiap buku roti.

⁶ Aturkan buku roti dalam dua baris, enam

^k**24:5** Satu efa kira-kira 22 liter.

buah setiap baris, di atas meja daripada emas tulen di hadapan Tuhan. ⁷ Letakkan kemenyan murni di atas setiap baris sebagai bahagian peringatan bagi roti itu, iaitu sebuah korban bakaran untuk Tuhan. ⁸ Dengan tetap, hendaklah Harun sentiasa menyusun roti itu di hadapan Tuhan pada setiap hari Sabat, demi orang Israel, sebagai kewajipan daripada perjanjian yang berkuat kuasa selama-lamanya. ⁹ Roti itu menjadi bahagian Harun dan anak-anaknya dan hendaklah mereka memakannya di sebuah tempat yang suci, kerana itulah bahagian yang teramat suci daripada korban bakaran bagi Tuhan, suatu peruntukan berkekalan untuk selama-lamanya.”

Hukuman ke atas perbuatan mengkufuri nama Allah

¹⁰ Hadirlah seorang anak lelaki kepada seorang perempuan Israel yang bersuamikan seorang lelaki Mesir di tengah-tengah kalangan orang Israel. Lelaki itu berkelahi di perkhemahan itu dengan seorang Israel, ¹¹ lalu dalam perkelahian itu, anak perempuan Israel itu mengeluarkan kutukan dengan menyebut nama Allah. Maka dia pun dibawa menghadap Musa. (Nama ibunya

ialah Selomit anak Dibri, daripada suku Dan).

¹² Dia ditahan dan dikawal dalam tahanan sambil menunggu keputusan jelas dari segi hukum dibuat berdasarkan firman Tuhan.

¹³ Maka berfirmanlah Tuhan kepada Musa, ¹⁴ “Bawalah orang yang mengutuk itu ke luar perkhemahan. Semua orang yang mendengarnya harus meletakkan tangan di atas kepala orang itu, lalu hendaklah seluruh umat merejam dia dengan batu. ¹⁵ Lebih daripada itu, hendaklah kamu memberitahu orang Israel, ‘Hendaklah sesiapa sahaja yang mengutuk Allahnya menanggung akibat daripada dosanya ¹⁶ dan sesiapa sahaja yang mengkufuri nama Tuhan, sama ada dia pendatang asing ataupun warga tempatan, mesti dihukum mati yakni seluruh umat harus merejam dia dengan batu.

¹⁷ Sesiapa yang memukul lalu membunuh seorang yang lain mesti dihukum mati.

¹⁸ Hendaklah sesiapa yang memukul lalu membunuh seekor haiwan membayar ganti rugi, nyawa ganti nyawa.

¹⁹ Jika seseorang mencederakan jirannya, maka hendaklah dia diperlakukan sebagaimana dilakukannya terhadap jirannya itu: ²⁰ luka diganti luka, mata diganti mata, gigi diganti gigi,

yakni sebagaimana dia mencederakan orang lain maka hendaklah dibalas atasnya kecederaan yang sedemikian juga. ²¹ Hendaklah orang yang membunuh seekor haiwan membayar ganti rugi, tetapi hendaklah seseorang yang membunuh sesama seorang yang lain dihukum mati. ²² Peraturan yang sama berkuat kuasa atas kamu, baik pendatang asing mahupun warga asli, kerana Akulah Tuhan, Allahmu.' ”

²³ Demikianlah yang dikatakan Musa kepada orang Israel. Kemudian lelaki yang mengutuk itu dibawa ke luar perkhemahan lalu direjam dengan batu. Orang Israel melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Tuhan kepada Musa.

Peraturan bagi tahun Sabat

25 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa di Gunung Sinai demikian: ² “Beritahu orang Israel, ‘Setelah kamu masuk ke negeri yang akan Kukurniakan kepadamu, tanah itu pun harus diberikan masa istirahat sebagai Sabat bagi Tuhan. ³ Hendaklah selama enam tahun kamu menyemai ladangmu, memangkas kebun anggurmu, serta mengumpulkan hasilnya. ⁴ Tetapi pada tahun ketujuh hendaklah dikuatkuasakan masa istirahat penuh bagi tanah

itu, yaitu Sabat bagi Tuhan. Maka janganlah kamu semai ladangmu dan jangan kamu pangkas kebun anggurmu. ⁵ Jangan kamu tuai apa-apa yang tumbuh sendiri setelah masa penuaian, dan jangan kamu petik buah daripada pohon anggurmu yang tidak dipangkas. Hendaklah tahun itu menjadi tahun istirahat penuh bagi tanah itu. ⁶ Namun begitu, segala hasil tanah selama tahun Sabat itu akan menjadi makanan buat kamu, bagi para hambamu baik lelaki mahupun perempuan, bagi pekerja upahanmu, dan bagi para peneroka yang menghuni berdekatan denganmu, ⁷ juga bagi haiwan ternakanmu dan apa-apa haiwan liar yang ada di tanahmu – segala hasil tanah itu boleh dijadikan makanan.

Peraturan bagi tahun pembebasan

⁸ Hendaklah kamu menghitung tujuh tahun Sabat, iaitu tujuh kali tujuh tahun sampai tempoh selama empat puluh sembilan tahun. ⁹ Lalu pada hari kesepuluh pada bulan ketujuh, iaitu Perayaan Hari Pendamaian, hendaklah di seluruh bumimu dikumandangkan bunyi tiupan kuat sangkakala. ¹⁰ Hendaklah kamu menjadikan tahun kelima puluh itu suci dengan mengisytiharkan kebebasan bagi seluruh penduduk di setiap ceruk rantau negeri. Tahun itu

Tahun Jubli bagimu. Hendaklah masing-masing kembali ke tanah miliknya dan kembali kepada kaumnya. ¹¹ Hendaklah tahun kelima puluh itu menjadi Tahun Pembebasan bagimu. Jangan semai, jangan tuai apa-apa yang tumbuh dengan sendiri, dan jangan petik buah daripada pohon anggur yang tidak dipangkas. ¹² Sebabnya tahun itu Jubli Pembebasan. Maka hendaklah kamu menganggap tahun itu suci bagimu. Kamu semua boleh memakan hasil yang diambil daripada ladang pada tahun itu.

¹³ Dalam Tahun Pembebasan itu setiap orang harus pulang ke tanah miliknya. ¹⁴ Jika kamu menjual apa-apa kepada sesama jiranmu, janganlah kamu rugikan satu sama lain.

¹⁵ Sebaliknya, hendaklah kamu mengambil kira bilangan tahun selepas jubli ketika kamu membeli tanah daripada jiranmu, dan yang hendaklah dia menjual kepadamu berdasarkan jumlah tahun penuaian akan dilakukan. ¹⁶ Jika jumlah tahun yang berbaki itu banyak maka kamu akan menaikkan harganya; jika jumlah tahun berbaki itu sedikit maka kamu akan menurunkan harganya, kerana yang sebenarnya dijualnya kepadamu ialah jumlah tahun penuaian. ¹⁷ Maka janganlah kamu saling mengambil kesempatan melainkan takutlah kepada Allahmu, kerana Akulah Tuhan, Allahmu.

¹⁸ Sebaliknya, taatilah segala ketetapan-Ku dan berpeganglah teguh pada segala peraturan-Ku dan amalkan kesemuanya, maka kamu akan tinggal dengan selamat dan aman di bumi ini.

¹⁹ Bumi itu akan mengeluarkan hasil, lalu kamu akan cukup makan dan tinggal dengan selamat di sana.

²⁰ Jika kamu bertanya, “Apakah yang akan kami makan pada tahun ketujuh itu sekiranya kami tidak boleh menyemai dan tidak boleh menuai hasil tanah kami?” ²¹ Aku akan memerintahkan berkat-Ku kepadamu pada tahun keenam, sehingga tanah itu mengeluarkan hasil untuk tiga tahun. ²² Ketika kamu menyemai benih pada tahun kelapan, kamu masih akan makan daripada hasil yang lama sampai tahun kesembilan ketika hasil yang baru dibawa masuk.

Penebusan tanah dan rumah

²³ Tanah tidak boleh dijual secara mutlak yakni untuk selama-lamanya kerana Akulah yang memiliki tanah itu, sedangkan bagi-Ku, kamu hanyalah warga dan pendatang sementara.

²⁴ Oleh itu, apabila kamu menjual tanah milikmu kamu mesti memasukkan syarat hak menebus semula tanah itu. ²⁵ Jika saudaramu menjadi miskin lalu dijualnya sebahagian daripada tanah miliknya, maka seorang kerabatnya yang terdekat

harus datang untuk menebus tanah yang dijualnya itu. ²⁶ Jika seseorang tidak mempunyai kerabat untuk menebus semula tanah itu, tetapi kemudian dia menjadi kaya sehingga mempunyai cukup harta untuk menebus miliknya itu, ²⁷ maka hendaklah dia menghitung bilangan tahun sejak dijualnya tanah itu lalu mengembalikan semula nilai bagi jumlah tahun selebihnya kepada pembeli tanah tersebut. Sesudah itu barulah dia boleh pulang ke tanah miliknya. ²⁸ Akan tetapi, jika orang itu tidak cukup kemampuan untuk mendapatkan tanah itu kembali, maka tanah yang telah dijualnya itu tetap berada dalam tangan orang yang membelinya sampai Tahun Pembebasan. Pada Tahun Pembebasan tanah itu bebas, dan si penjual tanah itu boleh kembali ke tanah miliknya.' ”

²⁹ “Jika seseorang menjual sebuah tempat kediaman di dalam sebuah kota bertembok, maka dia ada tempoh selama satu tahun selepas tarikh penjualan itu untuk menebus kediamannya semula. Jadi, hanya selama setahun itulah berkuat kuasa haknya untuk menebus semula itu. ³⁰ Tetapi jika rumah itu tidak juga ditebus sampai genap setahun penuh, maka hendaklah hak pemilikan rumah di dalam kota yang bertembok itu ditetapkan sebagai milik mutlak si pembeli turun-temurun, dan tidak

akan bebas (dan berbalik kepada pemilik asal) pada Tahun Pembebasan.³¹ Tetapi rumah-rumah di daerah kampung yang tidak dikelilingi tembok hendaklah ditangani sama sebagaimana ladang-ladang di negeri itu. Semuanya boleh ditebus dan hendaklah bebas pada Tahun Pembebasan.³² Mengenai kota-kota orang Lewi pula, orang Lewi sentiasa berhak untuk menebus semula rumah-rumah di kota-kota milik mereka pada bila-bila masa.³³ Jika seseorang membeli rumah yang dimiliki oleh orang Lewi, rumah yang dijualnya di kota di mana dia memiliki harta akan bebas dan kembali menjadi milik orang Lewi itu pada Tahun Pembebasan kerana rumah-rumah di kota-kota orang Lewi ialah milik suku kaum mereka di tengah-tengah orang Israel.³⁴ Akan tetapi, segala padang ragut di sekitar kota-kota mereka tidak boleh dijual, kerana padang itu milik mereka untuk selama-lamanya.”

Peraturan tentang hutang dan perhambaan

³⁵ “Jika seorang sesama bangsa Israel dalam kalangan kamu jatuh miskin dan tidak mampu menyara hidupnya, hendaklah kamu menyokongnya sebagaimana kamu akan membantu seorang pendatang dan

pemastautin sementara supaya dapat diteruskannya kehidupan dalam kalanganmu.

³⁶ Jangan kaukenakan bunga atau ambil untung daripadanya, tetapi sebaliknya takutlah kepada Allahmu, supaya saudaramu dapat terus hidup dalam kalangan kamu. ³⁷ Jangan mengambil wang bunga daripadanya atau mengambil untung atasnya apabila kamu meminjamkan wang atau memberikan makanan kepadanya. ³⁸ Akulah Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir untuk mengurniakan kepadamu Tanah Kanaan, supaya Aku menjadi Allahmu.

³⁹ Jika seorang sesama bangsa Israel dalam kalangan kamu jatuh miskin lalu menjual dirinya kepadamu, janganlah kamu kerahnya bekerja sebagai hamba. ⁴⁰ Sebaliknya, hendaklah kamu melayan dia sebagaimana seorang pekerja upahan atau perantau dan hendaklah dia bekerja denganmu sehingga Tahun Pembebasan. ⁴¹ Setelah itu, hendaklah dia berserta anak-pinaknya bebas daripada kamu, lalu kembali kepada kaumnya dan memiliki semula tanah warisan nenek moyangnya. ⁴² Mereka ialah para hamba-Ku, yang Kubawa keluar dari Tanah Mesir maka mereka tidak boleh dijual sebagaimana

25:37: Kel 22:25; Ul 23:19,20.

25:39: Kel 21:2-6; Ul 15:12-18.

hamba abdi dijual. ⁴³ Jangan kamu layani dia secara terlalu keras, melainkan takutlah kepada Allahmu. ⁴⁴ Hamba lelaki dan hamba perempuan yang kamu miliki hendaklah berasal daripada bangsa-bangsa yang ada di sekelilingmu.

Hendaklah kamu membeli hamba lelaki dan hamba perempuan daripada kalangan mereka.

⁴⁵ Kamu juga boleh membeli anak para perantau yang tinggal dalam kalangan kamu, dan begitulah juga dengan anggota kaum keluarga mereka yang lahir di bumimu. Mereka boleh menjadi milikmu.

⁴⁶ Kamu juga boleh mewariskan mereka sebagai harta pusaka kepada anak-anakmu kelak, dan kamu boleh memperhambakan mereka seumur hidup mereka. Tetapi dalam kalangan sesama orang Israel, iaitu para saudaramu, tidak ada sesiapa pun melayani yang lainnya sesamanya secara terlalu keras.

⁴⁷ Jika seorang pendatang atau perantau dalam kalanganmu menjadi kaya, sementara seorang sesama bangsa Israel dalam kalangan kamu pula menjadi miskin sehingga dia menjual dirinya kepada pendatang dan perantau itu ataupun kepada anggota keluarganya, ⁴⁸ maka dia boleh ditebus setelah dia menjual dirinya. Salah seorang saudara lelakinya boleh menebus dia.

⁴⁹ Bapa saudaranya atau sepupu lelakinya, atau sesiapa kerabat terdekat daripada kaumnya pun

boleh menebusnya. Jika dia sendiri kemudiannya menjadi kaya, maka dia boleh menebus dirinya sendiri. ⁵⁰ Hendaklah dia membuat perhitungan dengan orang yang membelinya, iaitu tempoh masa sejak tahun dia menjual dirinya kepada orang itu sampai Tahun Pembebasan. Harga penjualan dirinya hendaklah berdasarkan jumlah tahun dia terjual dan tempoh dia menjadi seorang pekerja upahan. ⁵¹ Jika baki tahunnya banyak, maka berdasarkan jumlah tahun itulah dia mesti membayar harga tebusannya daripada harga pembeliannya. ⁵² Jika jumlah tahun sampai Tahun Pembebasan tinggal sedikit sahaja, maka hendaklah dia membuat perhitungan dengan orang itu. Berdasarkan jumlah tahun itulah hendaklah dia membayar harga tebusannya. ⁵³ Hendaklah dia tinggal dengan orang itu seperti pekerja upahan dari setahun ke setahun, dan hendaklah kamu memastikan bahawa dia tidak dilayani secara terlalu keras. ⁵⁴ Jika dia tidak ditebus dengan mana-mana cara seperti yang tersebut, dia berserta anak-pinaknya hendaklah tetap dibebaskan pada Tahun Pembebasan. ⁵⁵ Bagi-Ku, orang Israel menghambakan diri lantaran merekalah para hamba-Ku yang Kubawa keluar dari Tanah Mesir. Akulah Tuhan, Allahmu.”

Gesaan untuk ketaatan

26¹ “Jangan buat apa-apa berhala bagimu dan jangan juga kamu dirikan patung ukiran atau tiang berhala bagimu. Jangan tempatkan batu berukir di mana-mana pun di negerimu untuk kamu sujud menyembahnya kerana Akulah Tuhan, Allahmu.² Peliharalah hari-hari Sabat-Ku dan hormatilah tempat suci-Ku. Akulah Tuhan.

Kelebihan ketaatan

³ Jika kamu hidup menurut segala ketetapan-Ku, mentaati segala perintah-Ku, dan mengamalkan kesemuanya,⁴ maka Aku akan menurunkan hujan bagimu pada musimnya sehingga tanah memberikan hasil dan pohon-pohon di ladang mengeluarkan buah.⁵ Musim mengirik tuaian bijirin akan berlanjutan sampai musim memetik buah anggur, dan musim memetik buah anggur akan berlanjutan sampai musim menyemai. Kamu akan memakan rezekimu sampai kenyang dan tinggal di negerimu dengan aman.

⁶ Aku akan mengurniakan kedamaian di negerimu sehingga kamu akan berbaring tanpa

26:1 a: Im 19:4; **b:** Kel 20:4; Ul 5:8; 16:21,22; 27:1.

26:3: Ul 11:13-15; 28:1-14.

berasa takut akan sesiapa pun. Aku akan menyingkirkan binatang buas dari negerimu dan ancaman pedang tidak akan melanda negerimu.

⁷ Kamu akan mengejar musuhmu dan mereka akan tewas di hadapanmu oleh pedangmu.

⁸ Lima orang daripada kamu akan mengejar seratus orang, dan seratus orang daripada kamu akan mengejar sepuluh ribu orang. Musuhmu akan tewas di hadapanmu oleh pedangmu.

⁹ Aku akan mempedulikan kamu dan membuat kamu beranak cucu serta bertambah ramai. Aku akan meneguhkan perjanjian-Ku dengan kamu.

¹⁰ Kamu akan terus menikmati dan memakan sepuas-puasnya daripada hasil tuaian tahun sebelumnya, dan kamu akan mengeluarkan baki daripada hasil tuaian yang lama itu untuk menyimpan hasil tuaian yang baru. ¹¹ Aku akan menempatkan Khemah Suci-Ku di tengah-tengah kamu dan Aku tidak akan menolak kamu.

¹² Aku akan hadir menyertai kamu dan menjadi Allahmu, kamu pun akan menjadi umat-Ku.

¹³ Akulah Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir, supaya kamu tidak lagi menjadi hamba mereka. Aku telah mematahkan palang kuk di tengkuk kamu dan membuat kamu berjalan dengan tegak.

Pelbagai akibat daripada ketidaktaatan

¹⁴ Akan tetapi, jika kamu tidak mahu mendengar gesaan-Ku dan tidak mahu mematuhi semua perintah ini, ¹⁵ jika kamu menolak ketetapan-ketetapan-Ku dan jiwamu membenci peraturan-peraturan-Ku sehingga kamu tidak mahu mematuhi segala perintah-Ku serta mengingkari perjanjian-Ku, ¹⁶ maka inilah yang akan Kulakukan terhadapmu. Aku akan mendatangkan rasa ngeri kepadamu, juga batuk kering dan demam yang memalapkan pandanganmu serta menghilangkan kekuatanmu. Sia-sia sahaja kamu menyemai benih, kerana hasilnya akan dimakan oleh para musuhmu. ¹⁷ Aku akan memusuhi kamu dan kamu akan tumpas kepada para musuhmu. Mereka yang membenci kamu akan menguasai kamu, dan kamu akan melarikan diri walhal tiada sesiapa yang mengejar kamu.

¹⁸ Jika sampai sedemikian pun kamu tetap tidak mendengar segala perintah-Ku, maka Aku akan menghukum kamu tujuh kali lipat ganda kerana dosa-dosamu. ¹⁹ Aku akan menghapuskan rasa bangga kamu terhadap kuasamu sendiri. Aku akan menjadikan langit di atasmu seperti besi,

dan tanahmu seperti gangsa. ²⁰ Kekuatanmu akan habis dengan sia-sia kerana tanahmu tidak akan mengeluarkan hasil, dan pohon-pohon di tanah itu tidak akan mengeluarkan buah.

²¹ Ya, jika kamu terus hidup dengan melawan Aku dan tidak mengendahkan Aku, maka Aku akan menambahkan malapetaka yang menimpamu tujuh kali lipat ganda selaras dengan dosa-dosamu. ²² Ke tengah-tengah kamu akan Aku lepaskan binatang liar yang akan membuat kamu kehilangan anak-anakmu, memusnahkan ternakanmu dan mengurangkan bilanganmu sehingga jalan-jalanmu menjadi sunyi sepi.

²³ Jika dalam keadaan demikian pun kamu enggan menerima pengajaran-Ku dan masih terus hidup melawan Aku, ²⁴ maka Aku pun akan menentang kamu. Ya, Aku akan memukul kamu tujuh kali lipat ganda atas dosamu. ²⁵ Aku akan mendatangkan pedang atasmu, sebagai balasan kerana kamu melanggar perjanjian. Ketika kamu berkumpul di kota-kotamu, Aku akan melepaskan wabak penyakit ke tengah-tengahmu, dan kamu akan diserahkan ke dalam tangan musuh.

²⁶ Pada waktu Aku tidak lagi menyediakan makanan bagimu, sepuluh orang perempuan akan membakar roti di dalam satu ketuhar lalu mengagih-agihkan rotimu mengikut timbangan

kepadamu dan kamu akan makan, tetapi tidak akan kenyang.

²⁷ Jika dalam keadaan demikian pun kamu masih enggan mengendahkan Aku tetapi terus hidup melawan Aku, ²⁸ maka dengan kemurkaan, Aku juga akan menentang kamu. Aku sendiri akan menghukum kamu tujuh kali lipat ganda atas dosa-dosamu. ²⁹ Kamu akan memakan daging anak-anakmu sendiri, baik anak lelaki mahupun anak perempuan. ³⁰ Aku akan memusnahkan bukit-bukit pemujaanmu dan meranapkan tugu-tugu mazbah dupa serta mencampakkan bangkaimu ke atas bangkai segala berhala kamu. Aku teramat membencimu. ³¹ Kota-kota rayamu akan Kujadikan reruntuhan dan tempat-tempat sucimu akan Kubinasakan. Aku tidak mahu lagi menghidu keharuman persembahanmu. ³² Aku akan menjadikan bumimu tandus hinggakan para musuhmu yang menghuni di dalamnya akan kehairanan kerananya. ³³ Akan Kuserakkan kamu antara kalangan bangsa itu dan akan Aku menghunuskan pedang mengejar kamu. Negerimu akan menjadi sunyi sepi dan kota-kotamu akan menjadi reruntuhan. ³⁴ Pada waktu itulah tanah itu akan mendapatkan hari Sabatnya dan menikmati tahun-tahun Sabatnya, iaitu selama kamu berada di negeri para musuhmu dan selama tanah itu tandus. ³⁵ Ketika dalam

ketandusan itulah tanah itu akan mendapatkan istirahatnya yang tidak didupatkannya pada tahun-tahun Sabat kamu, ketika kamu masih tinggal di situ.

³⁶ Sementara itu, bagi kalangan kamu yang masih hidup, Aku akan mendatangkan keresahan dalam hati mereka sewaktu mereka tinggal di negeri-negeri musuh, sehingga mereka akan merasa seperti dikejar-kejar apabila terdengar bunyi daun yang diterbangkan angin sekalipun. Mereka akan melarikan diri seperti orang lari daripada pedang, dan mereka akan jatuh meski tiada sesiapa yang mengejar mereka. ³⁷ Mereka akan saling terhantuk dan berlanggaran sesama sendiri untuk lari daripada pedang walhal tiada sesiapa yang mengejar mereka. Kamu tidak akan berdaya untuk bertahan di hadapan para musuhmu. ³⁸ Dalam kalangan bangsa itu kamu akan binasa, dan negeri musuhmu akan melenyapkan kamu.

Dipulih kerana bertaubat

³⁹ Sisa-sisa dalam kalangan kamu akan merana di negeri-negeri musuhmu kerana kesalahan mereka. Dan kerana kesalahan nenek moyang mereka, begitulah juga mereka akan merana sama seperti nenek moyang mereka.

⁴⁰ Kemudian, mereka akan mengakui kesalahan dan kesalahan nenek moyang mereka, iaitu kemungkaran yang dilakukan terhadap Aku dalam masa pemberontakan mereka dan mereka akan mengaku bahawa mereka memang telah menentang Aku ⁴¹ sehingga Aku pun melawan mereka serta membawa mereka ke negeri para musuh mereka; atau jika kemudian hati mereka yang tidak bersunat itu merendah dan mereka menerima hukuman, ⁴² maka Aku akan mengingati perjanjian-Ku dengan Yakub, Ishak, dan juga perjanjian-Ku dengan Abraham. Bumi itu pun akan Kuingati. ⁴³ Demikianlah tanah yang ditinggalkan oleh mereka itu akan menikmati tahun-tahun Sabatnya, selama tanah itu tandus tanpa mereka. Mereka akan menerima hukuman atas sebab mereka menolak peraturan-peraturan-Ku dan kerana hati mereka membenci ketetapan-ketetapan-Ku. ⁴⁴ Meskipun begitu, Aku tidak akan menolak mereka ketika mereka berada di negeri para musuh mereka. Aku tidak akan membenci mereka sehingga Aku memusnahkan mereka atau mengingkari perjanjian-Ku dengan mereka, kerana Akulah Tuhan, Allah mereka. ⁴⁵ Sebaliknya, demi mereka Aku akan mengingati perjanjian dengan para

leluhur mereka, yang telah Kubawa keluar dari Tanah Mesir di hadapan mata segala bangsa, supaya Aku menjadi Allah mereka. Akulah Tuhan.”

⁴⁶ Itulah hukum, ketetapan, dan pengajaran yang Tuhan sendiri sampaikan kepada orang Israel di Gunung Sinai dengan perantaraan Musa.

Pembayaran nazar

27 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Beritahu orang Israel dan katakanlah kepada mereka, ‘Jika seseorang bernazar secara khusus kepada Tuhan untuk mempersembahkan pemberian setara dengan nilai seorang manusia, maka orang yang dinazarkan itu boleh ditebus menurut nilai yang kautetapkan. ³ Maka bagi lelaki yang berumur dalam lingkungan dua puluh tahun sampai enam puluh tahun hendaklah kaunilai lima puluh syikal perak, menurut syikal rasmi Khemah Suci. ⁴ Akan tetapi sekiranya orang itu perempuan, maka hendaklah kaunilai sebanyak tiga puluh syikal. ⁵ Lelaki berumur lima tahun sampai dua puluh tahun hendaklah kaunilai dua puluh syikal, sedangkan perempuan sepuluh syikal. ⁶ Lelaki berumur satu bulan sampai lima tahun hendaklah kaunilai lima syikal perak, sedangkan perempuan tiga syikal perak. ⁷ Lelaki berusia enam puluh tahun ke atas

hendaklah kaunilai lima belas syikal, sedangkan perempuan sepuluh syikal.

⁸ Akan tetapi, jika orang itu terlampau miskin untuk membayar nilai yang kautetapkan, maka hendaklah dia menghadapkan orang yang dinazarkan itu kepada imam, lalu orang ini harus dinilai oleh imam. Kemudian imam akan menetapkan nilainya berdasarkan kemampuan orang yang bernazar itu.

⁹ Jika yang dinazarkannya ialah seekor haiwan yang biasa dipersembahkan kepada Tuhan sebagai korban, maka bahagian apa-apa pun daripada haiwan itu yang dipersembahkan kepada Tuhan akan menjadi suci. ¹⁰ Tidak boleh diganti serta ditukar haiwan yang baik dengan yang buruk atau yang buruk dengan yang baik. Tetapi jika ditukarkannya haiwan itu dengan seekor haiwan lain, maka haiwan itu mahupun haiwan tukarannya menjadi suci. ¹¹ Jika yang dinazarkannya ialah seekor haiwan yang najis, yang tidak boleh dipersembahkan sebagai korban kepada Tuhan, maka haiwan itu harus dihadapkan kepada imam. ¹² Hendaklah imam menetapkan nilainya menurut baik-buruknya, dan selaras dengan penilaian imam demikianlah jadinya. ¹³ Tetapi jika orang itu hendak menebusnya, maka hendaklah dia menambah seperlima daripada nilai yang kautetapkan.

¹⁴ Jika seseorang mentakdiskan rumahnya sebagai persembahan suci kepada Tuhan, maka hendaklah imam menetapkan nilainya menurut baik-buruknya. Lalu selaras dengan penilaian imam, demikianlah harus ditetapkan. ¹⁵ Jika orang yang mentakdiskan rumahnya itu hendak menebusnya, maka hendaklah dia menambah seperlima daripada nilai yang ditetapkan, lalu rumah itu pun menjadi miliknya kembali.

¹⁶ Jika seseorang mentakdiskan sebahagian daripada ladang miliknya kepada Tuhan, maka penilaianmu hendaklah berdasarkan jumlah benihnya, iaitu ukuran satu homer^l benih barli berharga lima puluh syikal perak.

¹⁷ Jika dia mentakdiskan ladangnya sejak Tahun Pembebasan, maka selaras dengan penilaianmu, demikianlah harus ditetapkan.

¹⁸ Tetapi jika dia mentakdiskan ladangnya selepas Tahun Pembebasan, maka hendaklah imam menghitung harganya bagi orang itu berdasarkan baki bilangan tahun sehingga Tahun Pembebasan. Kemudian hendaklah harga itu dikurangkan daripada jumlah nilai yang kautetapkan. ¹⁹ Jika orang yang mentakdiskan ladang itu benar-benar ingin menebusnya, maka hendaklah dia menambah seperlima

^l**27:16** Homer: Satu homer kira-kira 220 liter.

daripada nilai yang kautetapkan, dan ladang itu akan ditetapkan baginya. ²⁰ Jika dia tidak mahu menebus ladang itu atau jika dia sudah menjual ladang itu kepada orang lain, maka ladang itu tidak boleh ditebus lagi. ²¹ Namun demikian, ketika bebas pada Tahun Pembebasan, ladang itu menjadi suci bagi Tuhan, seperti tanah yang telah dikhaskan bagi Tuhan. Kemudian ladang itu akan menjadi milik imam.

²² Jika dia mentakdiskan ladang yang telah dibelinya bagi Tuhan, yang tidak termasuk ladang miliknya, ²³ maka hendaklah imam menghitung bagi orang itu harga penilaian sampai Tahun Pembebasan. Hendaklah orang itu membayar nilai yang kautetapkan pada hari itu juga sebagai persembahan suci kepada Tuhan. ²⁴ Pada Tahun Pembebasan hendaklah ladang itu dipulangkan kepada orang yang menjualnya kepadanya, iaitu kepada orang yang memiliki tanah itu.

²⁵ Hendaklah kesemua penilaian kamu menurut syikal rasmi Khemah Suci iaitu satu syikal beratnya dua puluh gera.^m

²⁶ Yang tidak boleh ditakdiskan hanyalah anak-anak sulung haiwan, baik lembu mahupun domba, yang memang menjadi hak Tuhan. ²⁷ Jika haiwan itu termasuk salah satu haiwan yang najis,

^m**27:25** Dua puluh gera: Kira-kira seberat 10 gram.

maka hendaklah orang menebusnya menurut nilai yang kautetapkan dengan menambah seperlimanya. Jika tidak ditebus, haiwan itu harus dijual menurut yang kautetapkan.

²⁸ Namun begitu, segala sesuatu daripada milik seseorang yang sudah dikhususkan bagi Tuhan, baik manusia, haiwan, mahupun ladangnya, tidak boleh dijual dan tidak boleh ditebus. Semua yang dikhususkan itu teramat suci bagi Tuhan. ²⁹ Bahkan manusia yang dikhususkan untuk dihukum mati pun tidak boleh ditebus. Hendaklah dia dihukum mati.

³⁰ Semua persembahan sepersepuluh daripada hasil tanah, baik biji-bijian daripada tanah mahupun daripada buah pohon-pohonan, ialah milik Tuhan. Itu ialah bahagian suci bagi Tuhan. ³¹ Akan tetapi, jika seseorang hendak menebus sebahagian daripada persembahan sepersepuluhnya, maka hendaklah dia menambah seperlima daripada nilainya.

³² Sepersepuluh daripada kawanan lembu atau kawanan domba, iaitu haiwan kesepuluh yang berlalu di bawah tongkat gembala sewaktu dihitung, harus menjadi persembahan suci bagi Tuhan. ³³ Jangan memilih-milih yang baik daripada yang buruk, dan janganlah tukarkannya.

Tetapi jika ditukarnya juga, maka haiwan itu serta haiwan tukarannya menjadi suci dan tidak boleh ditebus.’ ”

³⁴ Itulah perintah-perintah yang diberikan Tuhan kepada Musa di Gunung Sinai untuk orang Israel.

BILANGAN

Banci penduduk orang Israel yang pertama

1 ¹ Tuhan berfirman sedemikian kepada Musa dalam Khemah Pertemuan di Gurun Sinai pada hari pertama dalam bulan kedua, dalam tahun kedua setelah orang Israel keluar dari Tanah Mesir: ² “Jalankanlah banci penduduk ke atas seluruh umat Israel menurut kaum dan keluarga mereka. Catatlah satu demi satu nama semua lelaki ³ di Israel berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang. Hendaklah kamu dan Harun menghitung mereka menurut pasukan masing-masing. ⁴ Hendaklah ada seorang daripada setiap suku yang menyertaimu, iaitu orang yang menjadi ketua kaum keluarganya. ⁵ Inilah nama orang yang harus menyertaimu:

Elizur anak Syedeur, daripada suku Ruben;

⁶ Selumiel anak Zurisyadai, daripada suku Simeon;

⁷ Nahason anak Aminadab, daripada suku Yehuda;

⁸ Netaneel anak Zuar, daripada suku Isakhar;

⁹ Eliab anak Helon, daripada suku Zebulon;

¹⁰ Elisama anak Amihud, daripada suku Efraim,
dan Gamaliel anak Pedazur, daripada suku

Manasye, kedua-duanya keturunan Yusuf;

¹¹ Abidan anak Gideoni, daripada suku

Benyamin;

¹² Ahiezer anak Amisyadai, daripada suku Dan;

¹³ Pagiel anak Okhran, daripada suku Asyer;

¹⁴ Elyasaf anak Rehuel, daripada suku Gad;

¹⁵ Ahira anak Enan, daripada suku Naftali.”

¹⁶ Itulah orang yang dipilih daripada kalangan umat, iaitu pemimpin suku kaum bapa. Mereka ketua suku kaum Israel. ¹⁷ Maka Musa dan Harun memanggil orang yang telah dinamai itu, ¹⁸ lalu pada hari pertama pada bulan kedua itu mereka mengumpulkan seluruh umat. Seluruh umat pun menyatakan salasilah mereka menurut keluarga serta suku kaum mereka, dan nama setiap lelaki yang berumur dua puluh tahun ke atas dicatat satu demi satu, ¹⁹ seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

Demikianlah Musa menghitung mereka di kawasan Gurun Sinai:

²⁰ Daripada bani Ruben, iaitu keturunan daripada anak sulung Israel:

Nama setiap lelaki yang berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat

satu demi satu menurut kaum dan keluarganya.

²¹ Jumlah yang dihitung daripada suku Ruben ialah 46,500 orang.

²² Daripada bani Simeon:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ²³ Jumlah yang dihitung daripada suku Simeon ialah 59,300 orang.

²⁴ Daripada bani Gad:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ²⁵ Jumlah yang dihitung daripada suku Gad ialah 45,650 orang.

²⁶ Daripada bani Yehuda:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ²⁷ Jumlah yang dihitung daripada suku Yehuda ialah 74,600 orang.

²⁸ Daripada bani Isakhar:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ²⁹ Jumlah yang dihitung daripada suku Isakhar ialah 54,400 orang.

³⁰ Daripada bani Zebulon:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ³¹ Jumlah yang dihitung daripada suku Zebulon ialah 57,400 orang.

³² Daripada bani Yusuf, khususnya daripada bani Efraim:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ³³ Jumlah yang dihitung daripada suku Efraim ialah 40,500 orang.

³⁴ Daripada bani Manasye:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya, ³⁵ dan jumlah yang dihitung daripada suku Manasye ialah 32,200 orang.

³⁶ Daripada bani Benyamin:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ³⁷ Jumlah yang dihitung daripada suku Benyamin ialah 35,400 orang.

³⁸ Daripada bani Dan:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ³⁹ Jumlah

yang dihitung daripada suku Dan ialah 62,700 orang.

⁴⁰ Daripada bani Asyer:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ⁴¹ Jumlah yang dihitung daripada suku Asyer ialah 41,500 orang.

⁴² Daripada bani Naftali:

Nama setiap lelaki berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang dicatat satu demi satu menurut kaum dan keluarganya. ⁴³ Jumlah yang dihitung daripada suku Naftali ialah 53,400 orang. ⁴⁴ Itulah jumlah orang yang dihitung oleh Musa dan Harun berserta kesemua dua belas orang pemimpin Israel, yang masing-masing mewakili keluarganya. ⁴⁵ Jadi, seluruh orang Israel yang dihitung menurut keluarganya, iaitu semua orang Israel berumur dua puluh tahun ke atas yang sanggup berperang ⁴⁶ berjumlah 603,550 orang.

⁴⁷ Akan tetapi, mereka yang termasuk bani Lewi menurut suku bapa leluhurnya tidak turut dihitung bersama-sama orang itu, ⁴⁸ kerana demikianlah firman Tuhan kepada Musa, ⁴⁹ "Hanya, suku Lewi jangan kausenaraikan. Jangan kauadakan banci penduduk ke atas mereka bersama-sama orang Israel lainnya,

⁵⁰ melainkan angkatlah orang Lewi sebagai pengawas ke atas Khemah Suci tempat kesaksian, ke atas segala alat kelengkapannya, dan ke atas segala sesuatu yang ada di dalamnya. Mereka harus mengusung Khemah Suci dengan segala alat kelengkapannya serta mengurusnya. Selain itu, mereka pun harus berkhemah di sekelilingnya. ⁵¹ Apabila berangkat, orang Lewilah yang harus membongkar Khemah Suci itu, dan apabila hendak berkhemah, orang Lewi pulalah yang harus memasangnya. Orang awam yang berani mendekati Khemah itu harus dihukum mati. ⁵² Orang Israel lainnya harus berkhemah di perkhemahan masing-masing menurut pasukan mereka, berdekatan bendera masing-masing, ⁵³ tetapi orang Lewi harus berkhemah di sekeliling Khemah Suci, tempat loh hukum, supaya jangan umat Israel tertimpa murka. Jadi, orang Lewi harus menunaikan kewajiban mereka memelihara Khemah Suci, tempat loh hukum itu.” ⁵⁴ Orang Israel pun melakukannya. Selaras dengan segala yang diperintahkan Tuhan kepada Musa, demikianlah dilakukan mereka.

Pembahagian tempat perkhemahan

2 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ² “Orang Israel harus berkhemah berdekatan bendera masing-masing dengan lambang kaum

keluarganya. Khemah mereka harus didirikan berkeliling menghadap Khemah Pertemuan.

³ Mereka yang di bawah panji-panji pasukan Yehuda harus berkhemah di sebelah timur, arah matahari terbit, menurut pasukan mereka. Pemimpin bani Yehuda ialah Nahason anak Aminadab. ⁴ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 74,600 orang.

⁵ Yang akan berkhemah berdekatan mereka ialah suku Isakhar. Pemimpin bani Isakhar ialah Netaneel anak Zuar. ⁶ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 54,400 orang.

⁷ Selanjutnya suku Zebulon. Pemimpin bani Zebulon ialah Eliab anak Helon. ⁸ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 57,400 orang.

⁹ Jadi, jumlah semua orang yang dihitung dalam pasukan Yehuda menurut pasukan mereka ialah 186,400. Mereka harus berangkat lebih dahulu.

¹⁰ Di sebelah selatan hendaklah ada panji-panji pasukan Ruben menurut pasukan mereka. Pemimpin bani Ruben ialah Elizur anak Syedeur. ¹¹ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 46,500 orang.

¹² Yang akan berkhemah berdekatan mereka ialah suku Simeon. Pemimpin bani Simeon ialah Selumiel anak Zurisyadai. ¹³ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 59,300 orang.

¹⁴ Selanjutnya suku Gad. Pemimpin bani Gad ialah Elyasaf anak Rehuel. ¹⁵ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 45,650 orang.

¹⁶ Jadi, jumlah semua orang yang dihitung dalam pasukan Ruben ialah 151,450 orang, menurut pasukan mereka. Mereka harus berangkat dalam kumpulan kedua.

¹⁷ Setelah itu, Khemah Pertemuan harus dibawa berangkat bersama-sama rombongan bani Lewi, di tengah-tengah pasukan-pasukan itu. Sama halnya seperti ketika mereka berkhemah, yaitu masing-masing di tempatnya menurut panji-panji mereka, demikianlah juga mereka harus berangkat.

¹⁸ Di sebelah barat haruslah ada panji-panji pasukan Efraim menurut pasukan mereka. Pemimpin bani Efraim ialah Elisama anak Amihud. ¹⁹ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 40,500 orang.

²⁰ Berdekatan dengannya harus ada suku Manasye. Pemimpin bani Manasye ialah Gamaliel anak Pedazur. ²¹ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 32,200 orang.

²² Selanjutnya suku Benyamin. Pemimpin bani Benyamin ialah Abidan anak Gideoni. ²³ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 35,400 orang.

²⁴ Jadi, jumlah semua orang yang dihitung dalam pasukan Efraim ialah 108,100 orang, menurut pasukan mereka. Mereka harus berangkat dalam kumpulan ketiga.

²⁵ Di sebelah utara haruslah ada panji-panji pasukan Dan menurut pasukan mereka. Pemimpin bani Dan ialah Ahiezer anak Amisyadai. ²⁶ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 62,700 orang.

²⁷ Yang akan berkhemah berdekatan mereka ialah suku Asyer. Pemimpin bani Asyer ialah Pagiel anak Okhran. ²⁸ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 41,500 orang.

²⁹ Selanjutnya suku Naftali. Pemimpin bani Naftali ialah Ahira anak Enan. ³⁰ Pasukannya yang dihitung berjumlah seramai 53,400 orang.

³¹ Jadi, jumlah semua orang yang dihitung dalam pasukan Dan ialah 157,600 orang. Mereka harus berangkat terakhir, menurut panji-panji mereka.”

³² Itulah orang Israel yang dihitung menurut kaum keluarga mereka. Jumlah semua orang yang dihitung dalam pasukan-pasukan itu menurut pasukan masing-masing ialah 603,550 orang. ³³ Akan tetapi, bani Lewi tidak turut dihitung bersama dengan orang Israel, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

³⁴ Demikianlah dilakukan oleh orang Israel. Selaras dengan segala yang diperintahkan Tuhan kepada Musa, demikianlah mereka berkhemah menurut panji-panji mereka, dan demikian pulalah mereka berangkat, masing-masing menurut kaum serta keluarganya.

Keturunan Harun

3 ¹ Inilah keturunan Harun dan Musa pada waktu Tuhan berfirman kepada Musa di Gunung Sinai. ² Inilah nama anak-anak Harun: Nadab, yang sulung, Abihu, Eleazar, dan Itamar. ³ Itulah nama anak-anak Harun, iaitu imam yang diurapi dan ditahbiskan untuk menyandang jawatan imam. ⁴ Akan tetapi, Nadab dan Abihu mati setelah mereka mempersembahkan api yang tidak dibenarkan itu di hadapan Tuhan di Gurun Sinai. Mereka tidak mempunyai anak maka Eleazar dan Itamar yang menyandang jawatan imam semasa Harun, iaitu ayah mereka, masih hidup.

Penugasan bani Lewi

⁵ Tuhan berfirman kepada Musa, ⁶ “Bawalah suku Lewi menghadap Imam Harun, supaya mereka melayani dia. ⁷ Mereka harus

menunaikan segala tugas untuk Harun dan untuk seluruh umat itu di depan Khemah Pertemuan dengan melaksanakan pekerjaan di Khemah Suci. ⁸ Mereka harus menguruskan segala kelengkapan Khemah Pertemuan dan menunaikan segala tugas untuk orang Israel dengan melaksanakan pekerjaan di Khemah Suci. ⁹ Serahkanlah bani Lewi kepada Harun dan anak-anaknya. Seluruh bani Lewi dalam kalangan orang Israel hendaklah diserahkan kepadanya. ¹⁰ Hendaklah kamu menugaskan Harun dan anak-anaknya untuk menyandang jawatan imam. Hendaklah orang awam yang berani mendekati khemah itu dihukum mati.”

¹¹ Tuhan berfirman kepada Musa,

¹² “Sesungguhnya, Aku mengambil bani Lewi dalam kalangan orang Israel sebagai ganti semua anak sulung, iaitu yang lahir pertama daripada rahim antara orang Israel. Jadi, bani Lewi ialah kepunyaan-Ku, ¹³ kerana semua anak sulung ialah kepunyaan-Ku. Pada waktu Aku menewaskan semua anak sulung di Tanah Mesir, Aku mentahbiskan bagi-Ku semua yang sulung di Israel, baik manusia mahupun haiwan. Semua itu kepunyaan-Ku. Akulah Tuhan.”

¹⁴ Tuhan berfirman kepada Musa di Gurun Sinai, ¹⁵ “Hitunglah bani Lewi menurut keluarga dan kaum mereka. Hendaklah kamu menghitung bilangan semua lelaki yang berumur satu bulan ke atas.” ¹⁶ Maka Musa menghitung mereka menurut firman Tuhan yang diperintahkan kepadanya. ¹⁷ Inilah nama anak-anak Lewi: Gerson, Kehat, dan Merari. ¹⁸ Nama anak-anak Gerson mengikut nama keturunan kaum mereka: Libni dan Simei. ¹⁹ Anak-anak Kehat mengikut nama keturunan kaum mereka: Amram, Yizhar, Hebron, dan Uziel. ²⁰ Anak-anak Merari mengikut nama keturunan kaum mereka: Mahli dan Musi. Inilah kaum-kaum bani Lewi menurut keluarganya.

²¹ Daripada Gerson terdirilah kaum Libni dan kaum Simei. Itulah keturunan kaum Gerson. ²² Menurut penghitungan, jumlah semua lelaki yang berumur satu bulan ke atas ialah 7,500 orang. ²³ Keturunan kaum Gerson itu berkhemah di belakang Khemah Suci, di sebelah barat. ²⁴ Pemimpin keluarga Gerson ialah Elyasaf anak Lael. ²⁵ Di dalam Khemah Pertemuan, bani Gerson berkewajipan menguruskan Khemah Suci, khemah berserta penudungnya, tirai pintu Khemah Pertemuan, ²⁶ kain yang memagari laman dalaman, tirai pintu laman dalaman yang mengelilingi Khemah Suci dan mazbah berserta

tali-talinya, serta semua yang berhubungan dengan pekerjaan itu.

²⁷ Daripada Kehat terdirilah kaum Amram, kaum Yizhar, kaum Hebron, dan kaum Uziel. Itulah keturunan kaum Kehat, ²⁸ dan mereka berkewajiban menguruskan tempat suci. Menurut penghitungan, jumlah semua lelaki yang berumur satu bulan ke atas ialah 8,600 orang. ²⁹ Kaum-kaum bani Kehat itu berkhemah di sebelah selatan Khemah Suci. ³⁰ Pemimpin keluarga daripada keturunan kaum Kehat ialah Elisafan anak Uziel. ³¹ Kewajiban mereka ialah menguruskan tabut, meja, kaki pelita, mazbah-mazbah, kelengkapan tempat suci yang digunakan untuk menyelenggarakan ibadat, tirai, dan semua yang berhubungan dengan pekerjaan itu.

³² Pada waktu itu, pemimpin tertinggi bani Lewi ialah Eleazar, anak Imam Harun. Dia mengawasi orang yang berkewajiban menguruskan tempat suci.

³³ Daripada Merari terdirilah kaum Mahli dan kaum Musi. Itulah keturunan kaum Merari.

³⁴ Menurut penghitungan, jumlah semua lelaki yang berumur satu bulan ke atas ialah 6,200 orang. ³⁵ Pemimpin keluarga daripada keturunan kaum Merari ialah Zuriel anak Abihail. Mereka berkhemah di sebelah utara Khemah Suci.

³⁶ Kewajiban yang dipercayakan kepada bani Merari ialah menguruskan papan-papan Khemah Suci, kayu-kayu palangnya, tiang-tiangnya, alas-alasnya, segala kelengkapannya, dan semua yang berhubungan dengan pekerjaan itu, ³⁷ juga tiang-tiang di sekeliling laman dalaman dengan alas, pasak, serta talinya.

³⁸ Mereka yang berkhemah di depan Khemah Suci, iaitu di sebelah timur, di depan Khemah Pertemuan, arah matahari terbit, ialah Musa dan Harun berserta anak-anaknya. Mereka berkewajiban menguruskan tempat suci dan menunaikan tugas bagi orang Israel. Selain mereka, hendaklah orang awam yang berani mendekati khemah itu dihukum mati. ³⁹ Jumlah semua bani Lewi yang dihitung oleh Musa dan Harun selaras dengan firman Tuhan, menurut kaum-kaum mereka, iaitu semua lelaki yang berumur satu bulan ke atas, ialah 22,000 orang.

⁴⁰ Tuhan berfirman kepada Musa, "Hitunglah semua anak sulung lelaki orang Israel yang berumur satu bulan ke atas dan buatlah daftar nama mereka. ⁴¹ Kemudian khususkanlah bani Lewi bagi-Ku – Akulah Tuhan – sebagai ganti semua anak sulung antara orang Israel, demikian juga haiwan bani Lewi sebagai ganti semua yang sulung antara haiwan orang Israel." ⁴² Musa pun menghitung semua anak sulung dalam kalangan

orang Israel, seperti yang diperintahkan Tuhan kepadanya.⁴³ Menurut daftar nama orang yang berumur satu bulan ke atas, jumlah semua anak sulung lelaki ialah 22,273 orang.

⁴⁴ Lalu Tuhan berfirman kepada Musa demikian,
⁴⁵ “Khususkanlah bani Lewi sebagai ganti semua anak sulung antara orang Israel, juga haiwan bani Lewi sebagai ganti haiwan mereka. Bani Lewi ialah kepunyaan-Ku. Akulah Tuhan.⁴⁶ Sebagai wang tebusan bagi 273 anak sulung orang Israel yang melebihi jumlah bani Lewi,⁴⁷ ambillah lima syikal daripada setiap orang menurut syikal rasmi Khemah Suci yang beratnya dua puluh gera,ⁿ
⁴⁸ lalu berikanlah wang itu kepada Harun dan anak-anaknya sebagai tebusan bagi orang yang berlebihan itu.”⁴⁹ Musa pun mengumpulkan wang tebusan daripada orang di luar jumlah yang ditebus oleh bani Lewi.⁵⁰ Jadi, daripada anak-anak sulung orang Israel itu dia menerima 1,365 syikal, menurut syikal rasmi Khemah Suci.
⁵¹ Kemudian Musa memberikan wang tebusan itu kepada Harun dan anak-anaknya selaras dengan firman Tuhan, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

ⁿ**3:47** Dua puluh gera: Kira-kira seberat 10 gram.

Tugas bani Kehat

4 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ² “Jalankan lah banci penduduk yang berasingan atas bani Kehat daripada kalangan bani Lewi menurut kaum dan keluarga masing-masing. ³ Hitunglah orang yang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun, iaitu semua orang yang memenuhi syarat untuk melaksanakan pekerjaan di Khemah Pertemuan. ⁴ Pekerjaan bani Kehat di Khemah Pertemuan ialah menguruskan barang-barang yang teramat suci.

⁵ Ketika perkhemahan akan berangkat, hendaklah Harun dan anak-anaknya masuk ke dalam untuk menurunkan tabir penyekat dan menudungi tabut loh hukum dengan tabir itu. ⁶ Hendaklah di atasnya mereka meletakkan penutup daripada kulit anjing laut, menghamparkan sehelai kain yang seluruhnya berwarna biru di atas kulit itu, lalu memasang kayu-kayu pengusungnya.

⁷ Hendaklah mereka menghamparkan sehelai kain biru di atas meja roti persembahan dan meletakkan di atasnya pinggan, perbaraan, mangkuk, serta cawan persembahan minuman, selain itu juga roti persembahan yang harus tetap ada di atasnya. ⁸ Kemudian hendaklah

mereka menghamparkan sehelai kain merah menyala di atas semua itu, menudunginya dengan tudung daripada kulit anjing laut lalu memasang kayu-kayu pengusungnya.

⁹ Setelah itu, hendaklah mereka mengambil sehelai kain biru untuk menudungi kaki pelita bagi pencahayaan itu berserta pelita-pelitanya, gunting-gunting sumbunya, perbaraan-perbaraannya, dan segala wadah bagi penyimpanan minyaknya. ¹⁰ Hendaklah mereka membungkus kaki pelita serta segala kelengkapannya dengan kulit anjing laut dan meletakkannya di atas usungan.

¹¹ Selanjutnya hendaklah mereka menghamparkan sehelai kain biru di atas mazbah yang terbuat daripada emas, lalu menudunginya dengan tudung daripada kulit anjing laut, lalu memasang kayu-kayu pengusungnya. ¹² Hendaklah mereka juga mengambil segala wadah bagi pelayanan yang digunakan di tempat suci dan membungkusnya dengan kain biru, menudunginya dengan tudung kulit anjing laut, dan meletakkannya di atas usungan. ¹³ Kemudian hendaklah mereka menyingkirkan abu dari mazbah lalu menghamparkan sehelai kain ungu ke atasnya. ¹⁴ Hendaklah mereka juga meletakkan di atasnya segala kelengkapan yang digunakan untuk

peribadatan di mazbah, iaitu segala perbaraan, garpu, penyodok, dan bejana. Lalu hendaklah mereka menghamparkan penutup daripada kulit anjing laut di atas semua itu, dan memasang kayu-kayu pengusungnya.¹⁵ Setelah Harun dan anak-anaknya menudungi kesemua barang suci dan segala kelengkapan tempat suci ketika perkhemahan akan berangkat, barulah bani Kehat boleh datang untuk mengusung semuanya. Akan tetapi, mereka tidak boleh menyentuh barang-barang suci itu, supaya jangan mereka mati.

Itulah barang-barang di Khemah Pertemuan yang perlu diusung oleh bani Kehat.

¹⁶ Ketika itu, Eleazar, anak Imam Harun, bertanggungjawab ke atas minyak untuk pencahayaan, dupa harum, persembahan bahan makanan yang tetap, dan minyak tahbis. Dia bertanggungjawab di dalam seluruh Khemah Suci dengan segala isinya, iaitu barang-barang suci serta segala kelengkapannya.”

¹⁷ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun,
¹⁸ “Jangan biarkan suku Kehat dan kaum mereka lenyap daripada kalangan bani Lewi.

¹⁹ Lakukanlah hal ini bagi mereka supaya mereka tetap hidup dan tidak mati ketika mendekati barang-barang yang teramat suci itu: hendaklah Harun dan anak-anaknya masuk lebih dahulu

untuk menentukan pekerjaan masing-masing serta barang-barang yang harus diangkut oleh mereka. ²⁰ Tetapi bani Kehat tidak boleh masuk ke dalam untuk melihat barang-barang suci itu sekalipun hanya sesaat, supaya jangan mereka mati.”

Tugas bani Gerson dan bani Merari

²¹ Tuhan berfirman kepada Musa,

²² “Jalankan pula banci penduduk atas bani Gerson menurut keluarga dan kaum mereka.

²³ Hitunglah orang yang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun, yaitu semua orang yang memenuhi syarat-syarat bekerja untuk melaksanakan pekerjaan di Khemah Pertemuan.

²⁴ Inilah tugas kaum bani Gerson dalam hal pelayanan dan dalam pengangkutan barang:

²⁵ Hendaklah mereka mengangkut kain tabir Khemah Suci, Khemah Pertemuan dengan penudungnya juga tudung daripada kulit anjing laut yang ada di atasnya, tirai pintu masuk ke Khemah Pertemuan, ²⁶ kain yang memagari laman dalaman, tirai pintu gerbang laman dalaman yang mengelilingi Khemah Suci juga mazbah, tali-talinya, dan segala kelengkapan yang digunakan dalam pekerjaan itu. Hendaklah mereka mengerjakan segala tugas yang perlu dilaksanakan sehubungan dengan kesemua itu.

²⁷ Seluruh tugas bani Gerson, baik pengangkutan barang mahupun pekerjaan lainnya, hendaklah dilakukan berdasarkan perintah Harun dan anak-anaknya. Hendaklah kamu menetapkan tanggungjawab mereka ke atas semua barang yang harus diangkut oleh mereka. ²⁸ Itulah tugas kaum bani Gerson di Khemah Pertemuan. Hendaklah kewajiban mereka itu dilaksanakan di bawah pimpinan Itamar, anak Imam Harun.

²⁹ Hendaklah kamu juga menghitung bani Merari menurut kaum dan keluarganya.

³⁰ Hitunglah orang yang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun, iaitu semua orang yang memenuhi syarat untuk melaksanakan pekerjaan di Khemah Pertemuan. ³¹ Sehubungan dengan segala tugas mereka di Khemah Pertemuan itu, inilah barang-barang yang dipertanggungjawabkan untuk diangkut mereka: kerangka Khemah Suci, kayu-kayu palangnya, tiang-tiang dengan semua kekaknya, ³² tiang-tiang di sekeliling laman dalaman dengan kekaknya, pasak-pasaknya, tali-temalnya, segala kelengkapannya, dan semua yang digunakan untuk pekerjaan itu. Hendaklah kamu menghitung nama segala kelengkapan yang wajib diangkut mereka. ³³ Itulah tugas kaum bani Merari, iaitu segala pekerjaan yang harus

dilaksanakan mereka di Khemah Pertemuan di bawah pimpinan Itamar, anak Imam Harun.”

Penghitungan bani Lewi

³⁴ Maka Musa, Harun, dan para pemimpin umat menghitung bani Kehat menurut kaum dan keluarganya, ³⁵ iaitu orang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun yang memenuhi syarat untuk bekerja di Khemah Pertemuan. ³⁶ Jumlah yang dihitung menurut kaum mereka itu ialah 2,750 orang. ³⁷ Itulah jumlah penghitungan kaum bani Kehat, iaitu semua orang yang bekerja di Khemah Pertemuan. Mereka dihitung oleh Musa dan Harun selaras dengan firman Tuhan dengan perantaraan Musa.

³⁸ Kemudian bani Gerson dihitung menurut kaum dan keluarganya, ³⁹ iaitu orang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun yang memenuhi syarat untuk bekerja di Khemah Pertemuan. ⁴⁰ Jumlah yang dihitung menurut kaum dan keluarganya ialah 2,630 orang. ⁴¹ Itulah jumlah penghitungan kaum bani Gerson, iaitu semua orang yang bekerja di Khemah Pertemuan. Mereka dihitung oleh Musa dan Harun selaras dengan firman Tuhan. ⁴² Selanjutnya kaum bani Merari dihitung menurut kaum dan keluarganya, ⁴³ iaitu orang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun yang memenuhi syarat untuk

bekerja di Khemah Pertemuan. ⁴⁴ Jumlah yang dihitung menurut kaum mereka itu ialah 3,200 orang. ⁴⁵ Itulah jumlah penghitungan kaum bani Merari. Mereka dihitung oleh Musa dan Harun selaras dengan firman Tuhan dengan perantaraan Musa. ⁴⁶ Demikianlah Musa, Harun, dan para pemimpin Israel menghitung jumlah semua bani Lewi menurut kaum dan keluarga mereka, ⁴⁷ iaitu semua orang berumur tiga puluh sampai lima puluh tahun yang memenuhi syarat untuk melaksanakan tugas dan pekerjaan mengangkut barang di Khemah Pertemuan. ⁴⁸ Jumlah yang dihitung ialah 8,580 orang.

⁴⁹ Berdasarkan firman Tuhan dengan perantaraan Musa, setiap orang disenaraikan menurut tugasnya sama ada yang melayan atau yang mengangkut. Demikianlah mereka dihitung sebagaimana yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

Pengasingan orang bernajis

5 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Perintahkanlah orang Israel supaya mereka menyuruh semua orang yang sakit kusta, yang mengeluarkan lelehan, dan yang dinajiskan oleh mayat, keluar dari perkhemahan, ³ baik lelaki mahupun perempuan, supaya jangan mereka najiskan perkhemahan, tempat Aku

bersemayam di tengah-tengah mereka.”⁴ Maka orang Israel melaksanakan hal itu dan menyuruh orang bernajis itu keluar dari perkhemahan. Seperti yang difirmankan Tuhan kepada Musa, demikianlah dilakukan orang Israel.

Hukum tentang penebusan kesalahan

⁵ Tuhan berfirman kepada Musa,⁶ “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Apabila seseorang lelaki atau perempuan melakukan sesuatu dosa terhadap sesama manusia, dan dengan itu melakukan kemungkaran terhadap Tuhan, lantas orang itu bersalah⁷ dan dia harus mengakui dosa yang telah dilakukannya itu. Dia juga harus membayar tebusan sepenuhnya atas kesalahannya itu serta menambah seperlima lagi, lalu menyerahkannya kepada orang yang dilakukannya kesalahan itu.⁸ Akan tetapi, jika orang ini tidak mempunyai kerabat yang dapat menerima pembayarannya, maka tebusan kesalahan itu harus dibayarkan kepada Tuhan dengan menyerahkannya kepada imam, selain domba jantan tebusan yang digunakan untuk mengadakan pendamaian baginya.⁹ Semua persembahan khusus, yaitu semua barang suci yang dipersembahkan orang Israel kepada imam,

ialah bahagian imam. ¹⁰ Setiap persembahan suci milik seseorang akan menjadi bahagiannya sendiri, tetapi apa yang diberikannya kepada imam akan menjadi bahagian imam.’ ”

Apabila seorang isteri berzina

¹¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
¹² “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakanlah kepada mereka, ‘Seandainya isteri seseorang menyeleweng dan tidak setia kepada suaminya, ¹³ lalu seorang lelaki lain menidurinya tanpa diketahui suaminya dan hal itu tetap tersembunyi walaupun dia telah melakukan noda terhadap dirinya. Namun tidak ada seorang saksi pun terhadap perbuatannya dan dia tidak ditangkap basah. ¹⁴ Namun begitu jika rasa cemburu menguasai si suami sehingga dia mencurigai isterinya yang sememangnya telah menodai kesucian dirinya sendiri itu. Atau, seorang suami dikuasai rasa cemburu sehingga dia mencurigai isterinya walhal isterinya itu tidak menodai kesucian dirinya sendiri. ¹⁵ Jika demikian halnya, hendaklah si suami membawa isterinya menghadap imam dengan membawa persembahan berupa sepersepuluh efa^o tepung barli demi isterinya itu. Dia tidak boleh

^o**5:15** Satu efa kira-kira 22 liter.

menuangkan minyak dan meletakkan kemenyan ke atasnya, sebab itu ialah persembahan bahan makanan kerana rasa cemburu, suatu persembahan pengingatan untuk mengingatkan kesalahan.

¹⁶ Hendaklah imam menyuruh perempuan itu datang dekat lalu menghadapkannya ke hadirat Tuhan. ¹⁷ Selanjutnya hendaklah imam itu mengambil air suci di dalam sebuah belanga tanah lalu mengambil debu tanah dari lantai Khemah Suci dan membubuhnya ke dalam air itu. ¹⁸ Setelah imam menghadapkan perempuan itu ke hadirat Tuhan, hendaklah dia menguraikan rambut perempuan itu dan meletakkan di telapak tangannya persembahan pengingat, iaitu persembahan bahan makanan kerana rasa cemburu itu. Sementara itu, di tangan imam sendiri hendaklah ada air pahit yang mendatangkan kutukan. ¹⁹ Kemudian, hendaklah imam menyuruh perempuan itu bersumpah dengan berkata kepadanya, “Jika memang tidak ada lelaki lain yang tidur dengan kamu, dan jika memang kamu tidak menyeleweng serta menajiskan diri sementara kamu berada di bawah kuasa suamimu, maka bebaslah kamu daripada air pahit yang mendatangkan kutukan ini. ²⁰ Tetapi sebaliknya, jika ternyata kamu telah menyeleweng dan menajiskan diri sementara

kamu berada di bawah kuasa suamimu, dan jika seorang lelaki selain suamimu ada meniduri kamu,”²¹ kemudian hendaklah imam menyuruh perempuan itu bersumpah dengan sumpah kutukan dan berkata kepada perempuan itu, “Semoga Tuhan membuat kamu menjadi kutukan dan sumpah seranah di tengah-tengah kalangan bangsamu ketika Tuhan menyusutkan pahammu serta membuncitkan perutmu.²² Semoga air yang mendatangkan kutukan ini masuk ke dalam tubuhmu, membuncitkan perutmu, dan menyusutkan pahammu.”

Perempuan itu harus berkata, “Amin, amin.”

²³ Kemudian, hendaklah imam menuliskan kutukan itu pada segulungan kertas lalu menghapuskannya dengan air pahit.
²⁴ Hendaklah imam menyuruh perempuan itu meminum air pahit yang mendatangkan kutukan itu, sehingga air tersebut masuk ke dalam tubuhnya dan menyebabkan rasa sakit yang pedih.²⁵ Setelah itu, hendaklah imam mengambil persembahan bahan makanan kerana rasa cemburu daripada tangan perempuan itu, lalu mengunjukkannya di hadapan Tuhan serta membawanya ke mazbah.²⁶ Dari persembahan bahan makanan itu imam harus mengambil segenggam sebagai bahagian peringatannya lalu membakarnya di atas mazbah. Kemudian barulah

dia menyuruh perempuan itu meminum air tersebut.²⁷ Setelah perempuan itu disuruhnya meminum air tersebut, maka akan tersingkaplah segalanya: jika perempuan itu ternyata telah menodai dirinya dan tidak setia kepada suaminya, maka air yang mendatangkan kutukan itu, yang masuk ke dalam tubuhnya, akan menyebabkan rasa sakit yang pedih sehingga perutnya membuncit dan pahanya menyusut. Perempuan itu pun akan menjadi kutukan dalam kalangan bangsanya.²⁸ Akan tetapi, jika perempuan itu tidak menajiskan diri dan tetap suci, maka dia akan bebas daripada kutukan itu dan dapat mempunyai anak kelak.

²⁹ Itulah peraturan tentang kecemburuan, ketika seorang isteri menyeleweng dan menodai diri sendiri sementara dia berada di bawah kuasa suaminya,³⁰ atau ketika rasa cemburu menguasai seorang suami sehingga dia mencurigai isterinya. Hendaklah dia menghadapkan isterinya ke hadirat Tuhan dan hendaklah imam menjalankan seluruh hukum ini terhadap perempuan itu.

³¹ Suami akan bebas daripada kesalahan, tetapi hendaklah si isteri itu menanggung kesalahannya.

Peraturan bagi seorang yang bernazar

6¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Berbicaralah kepada orang Israel dan

katakan kepada mereka, 'Jika seorang lelaki atau perempuan telah bernazar secara khusus, iaitu mengucapkan nazar sebagai seorang penazar untuk mengasingkan dirinya bagi Tuhan,³ maka hendaklah dia menjauhkan dirinya daripada meminum air anggur dan minuman yang memabukkan. Dia tidak boleh minum cuka daripada anggur ataupun cuka minuman yang memabukkan, tidak boleh minum pelbagai air buah daripada buah anggur, juga tidak boleh makan buah anggur, baik yang segar mahupun yang kering.⁴ Selama dia mengasingkan dirinya itu, dia tidak boleh makan sesuatu apa pun yang berasal daripada pokok anggur, baik bijinya mahupun kulitnya.

⁵ Sepanjang tempohnya sebagai seorang penazar, pisau cukur tidak boleh mengenai kepalanya. Hendaklah dia suci hingga dia selesai mengasingkan dirinya bagi Tuhan, dan hendaklah dia membiarkan rambut di kepalanya memanjang.⁶ Selama tempoh dia mengasingkan dirinya bagi Tuhan, dia tidak boleh mendekati mayat.⁷ Dia tidak boleh menajiskan diri dengan mendekati jenazah ayahnya, ibunya, saudara lelakinya, atau saudara perempuannya sekalipun, jika mereka meninggal, kerana di kepalanya ada

tanda bahawa dia mengasingkan dirinya bagi Allah. ⁸ Selama pengasingan dirinya sebagai penazar itu, dia suci bagi Tuhan.

⁹ Jika seseorang tiba-tiba mati di sisinya sehingga ternajis kepalanya yang disucikan itu, maka hendaklah dia mencukur rambutnya pada hari penyuciannya, iaitu hari ketujuh.

¹⁰ Pada hari kelapan, hendaklah dia membawa dua ekor burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati kepada imam di pintu Khemah Pertemuan. ¹¹ Hendaklah imam menyediakan seekor untuk menjadi korban penghapus dosa dan seekor lagi menjadi korban bakaran, lalu mengadakan pendamaian bagi orang itu atas sebab dosanya kerana berada dekat mayat. Hendaklah pada hari itu juga dia menyucikan kepalanya. ¹² Hendaklah dia mengasingkan dirinya semula bagi Tuhan selama dia bernazar dan hendaklah dia membawa seekor domba jantan berumur setahun sebagai korban penebus kesalahan. Hari-hari yang dahulu dia bernazar dianggap batal atas sebab pengasingan dirinya sudah ternajis.

¹³ Inilah peraturan bagi seorang penazar. Apabila selesainya tempoh pengasingan diri, hendaklah dia dibawa ke pintu Khemah Pertemuan.

¹⁴ Hendaklah dia mempersembahkan kepada Tuhan seekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela sebagai korban bakaran, seekor domba betina berumur setahun yang tidak bercacat cela sebagai korban penghapus dosa, dan seekor domba jantan yang tidak bercacat cela sebagai korban kedamaian.

¹⁵ Hendaklah dia juga mempersembahkan sebakul roti tidak beragi, kueh daripada tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun, roti nipis tidak beragi yang disapukan minyak zaitun, bersama dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

¹⁶ Kemudian imam harus membawa kesemua itu ke hadirat Tuhan dan mempersembahkan korban penghapus dosa serta korban bakarannya.

¹⁷ Hendaklah imam juga mempersembahkan domba jantan itu sebagai korban kedamaian bagi Tuhan bersama dengan sebakul roti yang tidak beragi, dan selanjutnya mempersembahkan persembahan bahan makanan serta persembahan minumannya.

¹⁸ Kemudian, hendaklah penazar itu mencukur rambut kepala yang menandakan dirinya sebagai seorang penazar itu di depan pintu Khemah Pertemuan. Hendaklah dia juga mengambil rambut kepala yang menandakan dirinya sebagai

penazar itu lalu meletakkannya di dalam api di bawah korban kedamaian.

¹⁹ Hendaklah imam mengambil bahu domba jantan yang sudah direbus, sebiji kuih tidak beragi dari dalam bakul, dan sekeping roti tipis tidak beragi, lalu meletakkannya di telapak tangan penazar setelah dia mencukur rambut kepala yang menandakan dirinya sebagai penazar itu. ²⁰ Kemudian hendaklah imam menunjukkan semua itu di hadapan Tuhan sebagai persembahan unjukan. Itulah yang menjadi bahagian suci bagi imam bersama dengan dada persembahan unjukan dan paha persembahan khusus. Setelah itu, barulah penazar itu boleh minum air anggur.”

²¹ Itulah peraturan bagi seorang penazar, yang menazarkan persembahannya kepada Tuhan kerana kedudukannya sebagai penazar, belum termasuk hal lain yang mampu dipersembahkannya. Berdasarkan nazar yang diucapkannya, hendaklah demikian itu juga yang dilakukannya, selaras dengan peraturan bagi para penazar.’ ”

Pemberian restu oleh imam

²² Tuhan berfirman kepada Musa, ²³ “Katakanlah kepada Harun dan kepada anak-anaknya,

‘Beginilah kamu harus memberkati orang Israel. Katakanlah kepada mereka,

²⁴ “Tuhan memberkati kamu dan melindungi kamu.

²⁵ Tuhan menyinari kamu dengan wajah-Nya dan memberi kamu kasih kurnia.

²⁶ Tuhan menghadapkan wajah-Nya kepada kamu dan memberi kamu kedamaian.” ’

²⁷ “Demikianlah mereka harus menyebutkan nama-Ku ke atas orang Israel, maka Aku akan memberkati mereka.”

Persembahan pemimpin

7 ¹ Pada hari Musa selesai mendirikan Khemah Suci dan mengurapi serta menyucikan Khemah itu beserta segala kelengkapannya dan begitu jugalah diurapi dan ditakdiskannya mazbah beserta segala kelengkapannya, ² para pemimpin Israel, yaitu ketua suku kaum mereka, membawa persembahan masing-masing. Mereka pemimpin suku kaum yang mengepalai mereka yang dibanci itu. ³ Mereka membawa ke hadirat Tuhan persembahan berupa enam buah gerabak yang beratap dan dua belas ekor lembu – sebuah gerabak daripada dua orang pemimpin dan seekor lembu daripada setiap pemimpin. Semua itu dipersembahkan mereka di depan Khemah Suci. ⁴ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa,

⁵ “Terimalah semua itu daripada mereka, supaya dapat digunakan bagi pekerjaan di Khemah Pertemuan. Serahkanlah semuanya kepada bani Lewi selaras dengan pekerjaan masing-masing.”

⁶ Maka Musa menerima kesemua gerabak dan lembu itu lalu menyerahkannya kepada bani Lewi. ⁷ Dua buah gerabak dan empat ekor lembu diserahkan kepada bani Gerson selaras dengan pekerjaan mereka, ⁸ sedangkan empat buah gerabak dan lapan ekor lembu yang lain diserahkan kepada bani Merari selaras dengan pekerjaan mereka di bawah pimpinan Itamar, anak Imam Harun. ⁹ Akan tetapi, Musa tidak menyerahkan apa-apa pun kepada bani Kehat kerana pekerjaan mereka adalah untuk menguruskan barang-barang suci yang harus diusung mereka di atas bahu.

¹⁰ Para pemimpin itu juga membawa persembahan untuk pentahbisan mazbah pada hari mazbah itu diurapi lalu segala persembahan itu dibawa mereka ke hadapan mazbah. ¹¹ Tuhan berfirman kepada Musa, “Setiap hari, hendaklah seorang pemimpin membawa persembahannya untuk pentahbisan mazbah itu.”

¹² Orang yang membawa persembahannya pada hari pertama ialah Nahason anak Aminadab daripada suku Yehuda.

¹³ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ¹⁴ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ¹⁵ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ¹⁶ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ¹⁷ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Nahason anak Aminadab.

¹⁸ Pada hari kedua giliran Netaneel anak Zuar, pemimpin Isakhar pula membawa persembahan.

¹⁹ Sebagai persembahannya dibawanya sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ²⁰ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ²¹ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba

jantan berumur setahun untuk korban bakaran,²² dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa.²³ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Netaneel anak Zuar.

²⁴ Hari ketiga giliran Eliab anak Helon, pemimpin bani Zebulon.

²⁵ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan),²⁶ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa,²⁷ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran,²⁸ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa.²⁹ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Eliab anak Helon.

³⁰ Hari keempat giliran Elizur anak Syedeur, pemimpin bani Ruben.

³¹ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ³² sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ³³ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, dan seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ³⁴ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ³⁵ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Elizur anak Syedeur.

³⁶ Hari kelima giliran Selumiel anak Zurisyadai, pemimpin bani Simeon.

³⁷ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan

makanan), ³⁸ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ³⁹ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁴⁰ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁴¹ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Selumiel anak Zurisyadai.

⁴² Hari keenam giliran Elyasaf anak Rehuel, pemimpin bani Gad.

⁴³ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁴⁴ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁴⁵ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁴⁶ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁴⁷ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan

lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Elyasaf anak Rehuel.

⁴⁸ Hari ketujuh giliran Elisama anak Amihud, pemimpin bani Efraim.

⁴⁹ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁵⁰ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁵¹ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁵² dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁵³ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Elisama anak Amihud.

⁵⁴ Hari kelapan giliran Gamaliel anak Pedazur, pemimpin bani Manasye.

⁵⁵ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya

berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁵⁶ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁵⁷ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁵⁸ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁵⁹ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Gamaliel anak Pedazur.

⁶⁰ Hari kesembilan giliran Abidan anak Gideoni, pemimpin bani Benyamin.

⁶¹ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁶² sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁶³ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁶⁴ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁶⁵ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor

domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Abidan anak Gideoni.

⁶⁶ Hari kesepuluh giliran Ahiezer anak Amisyadai, pemimpin bani Dan.

⁶⁷ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁶⁸ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁶⁹ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁷⁰ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁷¹ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Ahiezer anak Amisyadai.

⁷² Hari kesebelas giliran Pagiel anak Okhran, pemimpin bani Asyer.

⁷³ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal

menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁷⁴ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁷⁵ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁷⁶ dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁷⁷ Manakala untuk korban kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Pagiel anak Okhran.

⁷⁸ Hari kedua belas giliran Ahira anak Enan, pemimpin bani Naftali.

⁷⁹ Persembahannya berupa sebuah pinggan perak seberat seratus tiga puluh syikal dan sebuah bejana perak seberat tujuh puluh syikal menurut syikal rasmi Khemah Suci (kedua-duanya berisi tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun untuk persembahan bahan makanan), ⁸⁰ sebuah perbaraan emas seberat sepuluh syikal berisi dupa, ⁸¹ seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, seekor anak domba jantan berumur setahun untuk korban bakaran, ⁸² dan seekor kambing jantan untuk korban penghapus dosa. ⁸³ Manakala untuk korban

kedamaian ialah dua ekor lembu, lima ekor domba jantan, lima ekor kambing jantan, dan lima ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan Ahira anak Enan.

⁸⁴ Itulah persembahan daripada para pemimpin Israel untuk pentahbisan mazbah ketika mazbah itu diurapi. Persembahan mereka berupa dua belas buah pinggan perak, dua belas buah bejana perak, dua belas perbaraan emas. ⁸⁵ Beratnya pinggan perak 130 syikal dan masing-masing bejana 70 syikal beratnya. Seluruh kelengkapan perak itu 2,400 syikal beratnya, menurut syikal rasmi Khemah Suci. ⁸⁶ Yang 12 buah perbaraan emas berisi dupa itu masing-masing 10 syikal beratnya, menurut syikal rasmi Khemah Suci. Jadi, seluruh emas perbaraan itu 120 syikal beratnya. ⁸⁷ Jumlah segala ternak untuk korban bakaran ialah 12 ekor lembu jantan, 12 ekor domba jantan, dan 12 ekor anak domba jantan berumur setahun, dengan persembahan bahan makanannya. Jumlah kambing jantan untuk korban penghapus dosa ialah 12 ekor. ⁸⁸ Kemudian jumlah segala ternak untuk korban kedamaian ialah 24 ekor lembu jantan, 60 ekor domba jantan, 60 ekor kambing jantan, dan 60 ekor anak domba jantan berumur setahun. Itulah persembahan untuk pentahbisan mazbah, sesudah mazbah itu diurapi.

⁸⁹ Apabila Musa masuk ke dalam Khemah Pertemuan untuk berbicara dengan Tuhan, dia mendengar suara yang berfirman kepadanya dari sebelah atas penutup pendamaian yang di atas tabut loh hukum dan di antara kedua-dua arca kerubin itu lalu Dia berfirman kepadanya sedemikian.

Tujuh buah pelita

8 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Berbicaralah kepada Harun dan katakanlah kepadanya, ‘Apabila kamu memasang pelita, hendaklah ketujuh-tujuh pelita itu menerangi bahagian di hadapan kaki pelita.’ ” ³ Maka Harun pun melaksanakannya dengan memasang pelita-pelita itu untuk menerangi bahagian di hadapan kaki pelita, sebagaimana yang diperintahkan Tuhan kepada Musa. ⁴ Dari alasnya hingga bunga-bunganya, seluruh kaki pelita itu diperbuat daripada emas tempaan, seperti yang diperlihatkan Tuhan kepada Musa, demikianlah dia membuat kaki pelita itu.

Pentahbisan bani Lewi

⁵ Tuhan berfirman kepada Musa, ⁶ “Pisahkanlah bani Lewi daripada kalangan orang Israel dan

sucikanlah mereka. ⁷ Hendaklah kamu lakukan begini terhadap mereka demi menyucikan mereka: Percikkanlah pada mereka air penyucian lalu suruhlah mereka mencukur sekujur tubuh dan mencuci pakaian mereka. ⁸ Kemudian hendaklah mereka mengambil seekor lembu jantan muda beserta persembahan bahan makanannya daripada tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun. Hendaklah kamu juga mengambil seekor lembu jantan muda yang lain untuk korban penghapus dosa. ⁹ Setelah itu, bawalah bani Lewi mendekati depan Khemah Pertemuan dan kumpulkanlah seluruh kalangan umat Israel. ¹⁰ Ketika kamu memperhadapkan bani Lewi ke hadirat Tuhan, hendaklah orang Israel meletakkan tangan mereka ke atas bani Lewi itu, ¹¹ dan hendaklah Harun mengunjukkan bani Lewi itu di hadapan Tuhan sebagai persembahan unjukan daripada orang Israel, supaya mereka dapat melaksanakan pekerjaan untuk Tuhan. ¹² Kemudian, hendaklah bani Lewi meletakkan tangan mereka di atas kepala lembu-lembu jantan muda itu tadi dan hendaklah dipersembahkan salah seekor sebagai korban penghapus dosa dan yang seekor lagi sebagai korban bakaran untuk dipersembahkan kepada Tuhan, demi mengadakan pendamaian bagi bani Lewi.

¹³ Selanjutnya hadapkanlah bani Lewi kepada Harun dan kepada anak-anak Harun, lalu unjukkanlah mereka kepada Tuhan sebagai persembahan unjukan. ¹⁴ Demikianlah harus kamu asingkan bani Lewi daripada kalangan orang Israel, dan bani Lewi itu menjadi milik-Ku. ¹⁵ Setelah itu, barulah bani Lewi boleh masuk untuk melaksanakan pekerjaan di Khemah Pertemuan, iaitu setelah kamu menyucikan mereka dan mempersembahkan mereka sebagai persembahan unjukan. ¹⁶ Hendaklah mereka diserahkan sepenuhnya kepada-Ku daripada kalangan orang Israel, kerana Aku telah mengambil mereka bagi-Ku sebagai ganti semua yang lahir pertama, iaitu semua anak sulung antara orang Israel. ¹⁷ Semua anak sulung antara orang Israel ialah kepunyaan-Ku, baik manusia mahupun haiwan. Aku telah mentahbiskan mereka bagi-Ku pada waktu Aku menewaskan semua anak sulung di Tanah Mesir, ¹⁸ dan Aku mengambil bani Lewi sebagai ganti semua anak sulung antara orang Israel. ¹⁹ Selanjutnya Aku menyerahkan bani Lewi sebagai pemberian kepada Harun dan anak-anaknya daripada kalangan orang Israel untuk melaksanakan pekerjaan bagi orang Israel

di Khemah Pertemuan dan untuk mengadakan pendamaian bagi orang Israel, supaya jangan orang Israel ditimpa wabak apabila mereka mendekati tempat suci.”

²⁰ Maka Musa, Harun, dan seluruh kalangan umat Israel berbuat demikian terhadap bani Lewi. Mengikut segala yang diperintahkan Tuhan kepada Musa tentang bani Lewi, begitulah dilakukan orang Israel ke atas mereka. ²¹ Bani Lewi pun menyucikan diri masing-masing daripada dosa serta mencuci pakaian masing-masing, lalu Harun mempersembahkan mereka sebagai persembahan unjukan di hadapan Tuhan dan mengadakan pendamaian bagi mereka untuk menyucikan mereka. ²² Setelah itu, barulah bani Lewi boleh masuk untuk melaksanakan pekerjaan mereka di Khemah Pertemuan di bawah pengawasan Harun dan anak-anaknya. Seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa mengenai bani Lewi, demikianlah dilakukan kepada mereka.

Pekerjaan bani Lewi

²³ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁴ “Inilah arahan yang berkaitan dengan bani Lewi: hendaklah setiap orang yang berumur dua puluh lima tahun ke atas mengambil bahagian dalam pengerjaan tugas di Khemah Pertemuan

²⁵ dan hendaklah mereka yang berumur lima puluh tahun berhenti daripada tugas mereka dan tidak lagi bekerja. ²⁶ Namun demikian, mereka boleh membantu saudara mereka yang sedang menunaikan kewajipan masing-masing di Khemah Pertemuan, tetapi mereka tidak lagi melakukan pekerjaan itu. Demikianlah kewajipan yang harus kamu tugaskan kepada bani Lewi.”

Peraturan tentang Perayaan Paskah

9 ¹ Dalam bulan pertama pada tahun kedua setelah keluarnya orang Israel dari Tanah Mesir, Tuhan berfirman kepada Musa di Gurun Sinai, ² “Hendaklah orang Israel merayakan Paskah pada waktu yang sudah ditetapkan.

³ Rayakanlah pada waktu yang ditetapkan, iaitu pada waktu senja pada hari keempat belas bulan ini, menurut segala ketetapan dan peraturannya.”

⁴ Maka Musa menyuruh orang Israel merayakan Paskah. ⁵ Maka orang Israel merayakan Paskah pada waktu senja hari keempat belas dalam bulan pertama, di Gurun Sinai sebagaimana yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

⁶ Namun demikian, ada beberapa orang yang bernajis kerana telah menyentuh mayat lantas mereka tidak dapat merayakan Paskah pada

hari itu. Maka datanglah mereka menghadap Musa dan Harun pada hari itu juga ⁷ lalu berkata kepada Musa, “Kami memang bernajis kerana telah menyentuh mayat, tetapi mengapa kami dicegah untuk mempersembahkan persembahan kepada Tuhan dalam kalangan orang Israel pada waktu yang ditetapkan?”

⁸ Jawab Musa kepada mereka, “Tunggulah dahulu, aku akan mendengar apa yang diperintahkan Tuhan mengenai kamu.”

⁹ Maka berfirmanlah Tuhan kepada Musa, ¹⁰ “Katakanlah kepada orang Israel, ‘Jika ada seseorang daripada kalangan kamu atau dalam kalangan kaum kerabat kamu yang bernajis kerana menyentuh mayat atau berada dalam perjalanan jauh, hendaklah dia juga merayakan Paskah untuk Tuhan. ¹¹ Mereka harus merayakannya pada waktu senja hari keempat belas dalam bulan kedua. Hendaklah mereka makan korban Paskah dengan roti yang tidak beragi dan sayur pahit. ¹² Mereka tidak boleh meninggalkan sisa sedikit pun sampai pagi hari, dan sebatang tulang pun tidak boleh dipatahkan mereka yakni hendaklah mereka merayakan Paskah menurut segala ketetapan perayaan hari Paskah. ¹³ Sebaliknya, jika ada orang yang tidak

bernajis yang bukan dalam perjalanan namun dia lalai merayakan Paskah, maka hendaklah orang itu disingkirkan daripada kalangan bangsanya, kerana dia tidak mempersembahkan persembahan kepada Tuhan pada waktu yang ditetapkan maka perlulah dia menanggung dosanya.

¹⁴ Jika seorang pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu mahu merayakan Paskah untuk Tuhan, maka hendaklah dia merayakannya menurut segala ketetapan dan peraturan Paskah. Ketetapan yang sama berkuat kuasa atas kamu semua, baik pendatang mahupun warga asli.' ”

Awan yang melitupi Khemah Suci

¹⁵ Pada hari Khemah Suci didirikan, awan melitupi Khemah Suci itu, khemah kesaksian. Pada waktu maghrib sehingga pagi hari esoknya, di atas Khemah Suci ada sesuatu yang kelihatan seperti api. ¹⁶ Demikianlah selalu terjadi: Awan melitupi Khemah itu, dan pada malam hari ada sesuatu yang kelihatan seperti api. ¹⁷ Apabila awan itu terangkat dari atas khemah, maka orang Israel pun berangkat, dan di mana sahaja awan itu berhenti, di situ pulalah orang Israel berkhemah. ¹⁸ Maka orang Israel berangkat berpandukan firman Tuhan dan mereka juga berkhemah berpandukan firman Tuhan. Selama awan itu

tetap berada di atas Khemah Suci, selama itulah mereka terus berkhemah. ¹⁹ Sekalipun awan itu berhenti cukup lama di atas Khemah Suci, maka orang Israel menunaikan kewajiban mereka terhadap Tuhan dan tidak berangkat. ²⁰ Ada kalanya awan itu hanya berhenti beberapa hari di atas Khemah Suci. Jadi, berpandukan firman Tuhan mereka berkhemah dan berpandukan firman Tuhan jugalah mereka berangkat. ²¹ Ada kalanya awan itu berhenti dari petang sampai pagi, dan ketika awan itu terangkat pada pagi harinya, mereka pun berangkat. Baik siang mahupun malam, apabila awan itu terangkat, mereka pun berangkat. ²² Tidak kiralah sama ada dua hari, sebulan, atau lebih lama lagi awan itu berhenti di atas Khemah Suci, orang Israel akan tetap berkhemah dan tidak akan berangkat. Tetapi sebaliknya, apabila naik sahaja awan itu, mereka pun berangkat. ²³ Berpandukan firman Tuhan mereka berkhemah dan berpandukan firman Tuhan jugalah mereka berangkat. Mereka menunaikan kewajiban mereka terhadap Tuhan berpandukan firman Tuhan dengan perantaraan Musa.

Peniupan semboyan nafiri

10 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Buatlah dua buah nafiri daripada

perak tempaan, lalu gunakanlah nafiri itu untuk memanggil kalangan umat serta untuk menandakan penutupan perkhemahan dan berangkatnya orang Israel. ³ Apabila kedua-duanya ditiup, maka seluruh umat harus berkumpul menghadap kamu di depan pintu Khemah Pertemuan. ⁴ Tetapi jika hanya satu yang ditiup maka para pemimpin, iaitu ketua kaum orang Israel sajalah yang harus berkumpul menghadap kamu. ⁵ Apabila kamu meniupkan isyarat semboyan, hendaklah pasukan-pasukan yang berkhemah di sebelah timur berangkat, ⁶ dan apabila isyarat semboyan ditiup buat kali keduanya, maka hendaklah pasukan-pasukan yang berkhemah di sebelah selatan berangkat. Jadi, hendaklah isyarat semboyan ditiup apabila perjalanan hendak dimulakan semula. ⁷ Manakala, apabila kalangan umat itu dikumpulkan, maka nafiri harus ditiup tanpa isyarat semboyan. ⁸ Hendaklah nafiri itu ditiup oleh anak-anak Imam Harun. Inilah suatu ketetapan yang berkekalan bagi kamu turun-temurun. ⁹ Apabila kamu pergi berperang di negerimu dan menghadapi lawan yang menindas kamu, tiuplah isyarat semboyan dengan nafiri. Dengan begitu kamu akan diingati di hadapan Tuhan, Allahmu, dan akan diselamatkan daripada musuhmu. ¹⁰ Demikian pula pada masa kamu

bersukaria, yaitu pada hari-hari rayamu dan pada awal-awal bulan, tiuplah nafiri dengan diiringi persembahan korban bakaranmu dan korban kedamaianmu, maka kamu akan diingati di hadapan Allahmu. Akulah Tuhan, Allahmu.”

Perjalanan dari Gunung Sinai ke Kadesh

¹¹ Pada hari kedua puluh, bulan kedua dalam tahun kedua terangkatlah awan dari atas Khemah Suci, tempat kesaksian. ¹² Maka berangkatlah orang Israel dari Gurun Sinai sehingga berhenti awan itu lalu berantai semula di Gurun Paran.

¹³ Itulah pertama kalinya mereka berangkat berpandukan firman Tuhan dengan perantaraan Musa. ¹⁴ Pasukan di bawah panji-panji bani Yehuda ialah pasukan yang berangkat terlebih dahulu dengan diketuai oleh Nahason anak Aminadab ¹⁵ manakala Netaneel anak Zuar mengetuai pasukan suku bani Isakhar, ¹⁶ dan Eliab anak Helon mengetuai pasukan suku bani Zebulon.

¹⁷ Setelah itu, Khemah Suci dibongkar, lalu berangkatlah bani Gerson serta bani Merari yang mengangkut Khemah Suci itu.

¹⁸ Kemudian pasukan di bawah panji-panji Ruben berangkat, pasukan demi pasukan. Elizur anak Syedeur mengetuai pasukan itu, ¹⁹ Selumiel anak Zurisyadai mengetuai pasukan suku bani

Simeon, ²⁰ dan Elyasaf anak Rehuel mengetuai pasukan suku bani Gad.

²¹ Setelah itu, berangkatlah bani Kehat, yang mengangkut barang-barang tempat suci, dan sebelum ketibaan mereka kelak, Khemah Suci seharusnya sudah didirikan.

²² Selanjutnya pasukan di bawah panji-panji bani Efraim berangkat, pasukan demi pasukan dengan diketuai oleh Elisama anak Amihud, ²³ manakala Gamaliel anak Pedazur mengetuai pasukan suku bani Manasye, ²⁴ dan Abidan anak Gideoni mengetuai pasukan suku bani Benyamin.

²⁵ Kemudian berangkatlah barisan belakang yang di bawah panji-panji bani Dan, pasukan demi pasukan dengan diketuai oleh Ahiezer anak Amisyadai ²⁶ manakala Pagiel anak Okhran mengetuai pasukan suku bani Asyer, ²⁷ dan Ahira anak Enan mengetuai pasukan suku bani Naftali. ²⁸ Itulah susunan keberangkatan orang Israel, pasukan demi pasukan, ketika mereka berangkat.

²⁹ Musa berkata kepada Hobab, anak Rehuel orang Midian, mertua Musa, "Kami hendak berangkat ke tempat yang dimaksudkan Tuhan ketika Dia berfirman, 'Aku akan mengurniaknya kepadamu.' Mari, pergilah bersama-sama kami. Kami akan berbuat baik kepadamu, kerana Tuhan telah menjanjikan hal yang baik mengenai Israel."

³⁰ Tetapi jawabnya kepada Musa, “Aku tidak akan pergi. Aku hendak pulang ke negeriku, kepada sanak saudaraku.”

³¹ Kata Musa, “Kumohon, jangan tinggalkan kami, kerana kamulah yang tahu di mana kami harus berkhemah di gurun. Kamu dapat menjadi penunjuk jalan bagi kami. ³² Jika kamu pergi bersama-sama kami, maka segala kebaikan yang dilakukan Tuhan terhadap kami akan kami lakukan juga terhadap kamu.”

³³ Maka berangkatlah mereka dari gunung Tuhan itu, tiga hari perjalanan jauhnya, sementara tabut perjanjian Tuhan telah berangkat mendahului mereka tiga hari perjalanan jauhnya untuk mencari tempat perhentian bagi mereka. ³⁴ Awan Tuhan ada di atas mereka pada siang hari, ketika mereka berangkat dari tempat berkhemah.

³⁵ Setiap kali tabut dibawa berangkat, Musa berkata,

“Bertindaklah, ya Tuhan!

Biarlah musuh-Mu tercerai-berai

dan biarlah orang yang membenci Engkau
melarikan diri dari hadirat-Mu.”

³⁶ Dan setiap kali tabut itu berhenti, berkatalah dia,

“Kembalilah, ya Tuhan,
kepada puluhan ribu orang Israel.”

Pelbagai rungutan orang Israel

11 ¹ Lalu bersungutlah orang Israel di hadapan Tuhan mengenai nasib malang yang menimpa mereka dan ketika Tuhan mendengarnya, menyalalah kemurkaan-Nya lalu api Tuhan menyala dalam kalangan mereka dan menghanguskan bahagian pinggiran perkhemahan. ² Maka berserulah bangsa itu kepada Musa dan Musa pun berdoa kepada Tuhan, lalu padamlah api itu. ³ Itulah sebabnya tempat itu dinamai Tabera kerana api Tuhan menyala dalam kalangan mereka.

Rungutan tentang makanan

⁴ Maka pada suatu waktu, gerombolan yang terdiri daripada pelbagai bangsa dalam kalangan mereka itu amat bernafsu untuk makan daging lalu menangislah orang Israel seraya berkata, “Kalaulah ada yang memberi kita daging untuk dimakan! ⁵ Kita ingat akan ikan yang kita makan di Mesir yang didapati dengan percuma sahaja, mentimun, tembikai, bebawang, bawang merah, dan bawang putih. ⁶ Tetapi sekarang kita kurus kering. Tidak ada apa-apa selain manna yang kita lihat di hadapan mata.”

⁷ Manna itu seperti biji ketumbar dan kelihatan seperti damar. ⁸ Bangsa itu berjalan ke sana ke mari memungutinya, lalu mengisarnya di dalam pengisar atau menembuknya di dalam lesung. Setelah itu, mereka memasaknya dalam periuk lalu merebusnya di dalam belanga lalu membuat kuih bundar daripadanya. Rasanya seperti rasa penganan yang dibakar dengan minyak. ⁹ Apabila embun turun di perkhemahan itu pada malam hari, turun jugalah manna itu.

¹⁰ Musa mendengar ratapan umat itu, semua orang daripada kaum masing-masing menangis di depan pintu khemah mereka. Maka menyalalah murka Tuhan yang besar, tetapi Musa berasa tidak senang. ¹¹ Lalu kata Musa kepada Tuhan, “Mengapakah Engkau menyusahkan hamba-Mu ini? Mengapakah tidak ada rahmat bagi hamba di mata-Mu, sehingga beban seluruh bangsa ini Kautanggungkan kepadaku? ¹² Adakah hamba yang mengandung seluruh bangsa ini? Adakah hamba yang menjadikan mereka sehingga Engkau berfirman kepada hamba, ‘Bawalah mereka dalam dakapanmu seperti seorang pengasuh menggendong anak yang sedang menyusu,’ ke tanah yang Kaujanjikan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka?”

¹³ Dari manakah hamba dapat memperoleh daging untuk diberikan kepada seluruh bangsa ini? Mereka menangis di depan hamba sambil berkata, 'Berilah kami daging untuk dimakan.'

¹⁴ Hamba tidak dapat menanggung beban seluruh bangsa ini seorang diri, kerana hal itu terlalu berat bagi hamba. ¹⁵ Jika Engkau memperlakukan hamba demikian, ambil sahaja nyawa hamba sekarang, kalau memang ada rahmat bagi hamba di mata-Mu. Jangan biarkan hamba melihat kemalangan hamba."

¹⁶ Firman Tuhan kepada Musa, "Kumpulkanlah bagi-Ku tujuh puluh orang daripada kalangan tua-tua Israel yang kaukenal sebagai tua-tua umat dan pegawai atasan rakyat. Bawalah mereka ke Khemah Pertemuan, dan suruhlah mereka menyatakan pendirian mereka di sana bersama-samamu. ¹⁷ Aku akan hadir dan berfirman kepadamu di sana, lalu Aku akan mengambil sebahagian daripada Roh yang ada padamu dan meletakkannya pada mereka lantas mereka akan menanggung beban bangsa ini bersama dengan kamu, sehingga kamu tidak perlu menanggungnya bersendirian.

¹⁸ Katakanlah kepada bangsa itu, 'Sucikanlah dirimu untuk hari esoknya lalu kamu akan memakan daging. Tuhan telah mendengar kamu menangis sambil berkata, "Siapakah yang

akan memberi kami makan daging? Keadaan kami di Mesir dahulu lebih baik!” Jadi, Tuhan akan memberi kamu daging dan kamu akan memakannya. ¹⁹ Kamu akan memakannya bukan sehari, dua hari, lima hari, sepuluh hari, atau dua puluh hari sahaja, ²⁰ tetapi selama sebulan penuh, sampai daging itu keluar melalui lubang hidungmu sehingga membuat kamu muak. Hal itu terjadi kerana kamu telah menolak Tuhan yang hadir dalam kalangan kamu dan kamu menangis di hadirat-Nya sambil berkata, “Untuk apa kami keluar dari Mesir?” ‘ ‘ ‘

²¹ Akan tetapi, Musa berkata, “Umat yang bersama-sama hamba ini seramai 600,000 orang pejalan kaki, dan Engkau berfirman, ‘Aku akan memberi mereka daging untuk mereka makan selama sebulan penuh!’ ²² Jika kawanan domba dan kawanan lembu disembelih, cukupkah semua itu untuk mengenyangkan mereka? Atau, jika segala ikan di laut dikumpulkan, cukupkah semua itu untuk mengenyangkan mereka?”

²³ Firman Tuhan kepada Musa, “Apakah kuasa Tuhan terbatas? Sekarang kamu akan melihat sama ada firman-Ku akan ternyata atasmu atau tidak.”

²⁴ Maka keluarlah Musa lalu disampaikannya firman Tuhan kepada bangsa itu. Dia mengumpulkannya tujuh puluh orang daripada

kalangan tua-tua bangsa itu dan disuruhnya mereka berdiri di sekeliling Khemah. ²⁵ Kemudian Tuhan hadir dalam awan dan berfirman kepada Musa. Diambil-Nya sebahagian daripada Roh yang ada pada Musa, lalu diletakkan-Nya pada kesemua tujuh puluh tua-tua umat itu. Ketika Roh itu turun ke atas mereka, bernubuatlah mereka seperti nabi, tetapi sesudah itu mereka tidak lagi bernubuat.

²⁶ Akan tetapi, ada dua orang tertinggal di perkhemahan, seorang bernama Eldad dan seorang lagi bernama Medad. Mereka termasuk antara orang yang tercatat, tetapi tidak turut pergi ke Khemah. Walaupun demikian, Roh itu pun turun ke atas mereka dan mereka bernubuat seperti nabi di perkhemahan. ²⁷ Lalu seorang muda berlari memberitahukan hal itu kepada Musa, katanya, “Eldad dan Medad bernubuat seperti nabi di perkhemahan.”

²⁸ Yosua anak Nun, yang menjadi pembantu Musa sejak masa mudanya, berkata, “Tuanku Musa, cegahlah mereka!”

²⁹ Tetapi kata Musa kepadanya, “Adakah kamu mencemburui hal itu demi aku? Kalau sahaja seluruh umat Tuhan menjadi nabi kerana Tuhan mengurniakan Roh-Nya kepada mereka!”

³⁰ Setelah itu, Musa kembali ke perkhemahan bersama-sama tua-tua Israel.

Rezeki berupa burung puyuh

³¹ Kemudian bertiuplah angin daripada Tuhan, menerbangkan burung-burung puyuh dari arah laut dan menjatuhkannya di sekitar perkhemahan hingga kira-kira sehari perjalanan jauhnya di sekeliling perkhemahan itu. Burung-burung itu berterbangan kira-kira dua hasta di atas permukaan tanah. ³² Segeralah bangsa itu mengumpulkan burung-burung puyuh sepanjang hari, sepanjang malam, bahkan hingga esoknya sehari-harian. Setiap orang paling sedikit mengumpulkan rezeki seberat sepuluh homer^p, kemudian mereka menebarkan semuanya di sekeliling perkhemahan. ³³ Akan tetapi, sementara daging masih dikunyah oleh mereka dan belum ditelan, menyalalah kemurkaan Tuhan terhadap bangsa itu. Tuhan mengazab mereka dengan wabak yang amat besar. ³⁴ Itulah sebabnya tempat itu dinamai Kibrot-Taawa, kerana di sanalah dikebumikan orang yang bernafsu makan daging.

³⁵ Dari Kibrot-Taawa bangsa itu melanjutkan perjalanan ke Hazerot, lalu mereka tinggal di Hazerot.

^p**11:32** homer: Satu homer kira-kira 220 liter.

Miryam dan Harun mencemuh Musa

12 ¹ Miryam dan Harun mencemuh Musa berhubungan dengan seorang perempuan Kush yang telah diperisteri Musa. Memang Musa telah memperisteri seorang perempuan Kush.

² Kata mereka, “Sungguhkah Tuhan berfirman melalui Musa sahaja? Bukankah Dia juga berfirman melalui kita?” Dan Tuhan mendengar hal itu. ³ Musa seorang yang begitu lembut hatinya, bahkan lebih lembut daripada semua umat yang berada di muka bumi ini.

⁴ Tiba-tiba berfirmanlah Tuhan kepada Musa, Harun, dan Miryam, “Keluarlah kamu bertiga ke Khemah Pertemuan.” Maka keluarlah mereka bertiga. ⁵ Kemudian Tuhan hadir dalam tiang^q awan, di pintu Khemah itu. Dipanggil-Nya Harun dan Miryam, lalu tampillah kedua-duanya.

⁶ Firman-Nya, “Dengarlah firman-Ku ini:

Jika ada seorang nabi Tuhan dalam kalangan kamu,

maka Aku akan menyatakan diri-Ku kepadanya melalui penglihatan,

dan Aku akan berfirman kepadanya dalam mimpi.

^q12:5 Juga disebut ‘turus awan.’

⁷ Tetapi tidak demikian halnya dengan hamba-Ku Musa,

seorang yang setia dalam seluruh bait-Ku.

⁸ Dengan dia Aku berbicara secara bersemuka, secara jelas dan bukan dengan teka-teki, dan dia juga pernah melihat secara jelas akan kemuliaan Tuhan.

Mengapakah kamu tidak takut untuk mencemuh hamba-Ku Musa?”

⁹ Menyala-nyalalah kemurkaan Tuhan terhadap mereka, lalu ditinggalkan-Nya mereka. ¹⁰ Setelah awan itu berpindah dari atas Khemah, nampaklah kudis kusta seputih salji ada pada Miryam! Harun memandang Miryam, dan memang ternyata Miryam ada kudis kusta! ¹¹ Kata Harun kepada Musa, “Wahai tuanku, kumohon janganlah hukum kami atas dosa kesalahan kami, yang kami lakukan dengan bodoh itu. ¹² Mohon jangan biarkan dia menjadi seperti orang mati yang dagingnya sudah separuh rosak ketika keluar daripada rahim ibunya.”

¹³ Musa pun berseru kepada Tuhan dan memohon: “Ya Allah, tolonglah kiranya menyembuhkan dia.”

¹⁴ Namun demikian, Tuhan berfirman kepada Musa, “Sekiranya ayahnya meludahi mukanya,

bukankah dia akan dimalukan selama tujuh hari? Jadi, biarlah dia dikurung di luar perkhemahan selama tujuh hari dan setelah itu barulah dia boleh dibawa masuk semula.”¹⁵ Maka Miryam pun dikurung di luar perkhemahan selama tujuh hari, dan umat itu tidak berangkat sebelum Miryam dibawa masuk kembali.¹⁶ Setelah itu berangkatlah umat itu dari Hazerot, lalu berkhemah di Gurun Paran.

Dua belas orang pengintip

13¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Utuslah beberapa orang untuk mengintip keadaan Tanah Kanaan yang akan Kukurniakan kepada orang Israel. Utuslah seorang daripada setiap suku leluhur mereka dan setiap orang itu ialah pemimpin dalam kalangan sukunya.”

³ Musa pun mengutus mereka dari Gurun Paran, selaras dengan perintah Tuhan. Mereka semua ialah ketua orang Israel.⁴ Inilah nama mereka:

Syamua anak Zakur, daripada suku Ruben;

⁵ Safat anak Hori, daripada suku Simeon;

⁶ Kaleb anak Yefune, daripada suku Yehuda;

⁷ Yigal anak Yusuf, daripada suku Isakhar;

⁸ Hosea anak Nun, daripada suku Efraim;

⁹ Palti anak Rafu, daripada suku Benyamin;

¹⁰ Gadiel anak Sodi, daripada suku Zebulon;

¹¹ Gadi anak Susi, daripada suku Yusuf, iaitu daripada suku Manasye;

¹² Amiel anak Gemali, daripada suku Dan;

¹³ Setur anak Mikhail, daripada suku Asyer;

¹⁴ Nahbi anak Wofsi, daripada suku Naftali;

¹⁵ Guel anak Makhi, daripada suku Gad.

¹⁶ Itulah nama orang yang diutus Musa untuk mengintip negeri itu. Musa menamai Hosea anak Nun itu Yosua.

¹⁷ Mereka semua diutus oleh Musa untuk mengintip Tanah Kanaan. Katanya kepada mereka, "Pergilah dari sini ke Tanah Negeb lalu naiklah ke pergunungan. ¹⁸ Amatilah bagaimana keadaan negeri itu, sama ada bangsa yang mendiaminya kuat atau lemah, sedikit ataupun ramai. ¹⁹ Amatilah juga sama ada negeri yang didiami mereka itu baik ataupun buruk dan sama ada kota-kota yang didiami mereka itu berkubu ataupun seperti perkhemahan. ²⁰ Bagaimana keadaan tanahnya, subur atau tandus, ada pepohonan ataupun tidak. Kuatkanlah hatimu dan bawalah beberapa jenis buah hasil negeri itu." Waktu itu ialah musim buah anggur hasil pertama.

²¹ Maka pergilah mereka itu lalu mengintip negeri itu mulai Gurun Zin sampai ke Rehob, dekat jalan masuk ke Hamat. ²² Mereka berjalan

melalui Tanah Negeb lalu sampai ke Hebron. Keturunan orang Enak, iaitu orang Ahiman, Sesai, dan Talmai, tinggal di sana. Hebron dibangunkan tujuh tahun lebih dahulu daripada Zoan di Mesir. ²³ Kemudian sampailah mereka di Lembah Eskol. Di sana mereka mengerat sebatang cabang dengan setandan buah anggurnya, lalu dua orang memikulnya dengan sebatang kayu. Selain itu, mereka juga membawa buah delima dan buah ara. ²⁴ Tempat itu dinamai Lembah Eskol kerana tandan buah anggur yang dikerat orang Israel di sana.

²⁵ Empat puluh hari kemudian, kembalilah mereka yang telah mengintip negeri itu. ²⁶ Mereka datang mendapatkan Musa, Harun, dan seluruh kalangan umat Israel yang berkumpul di Kadesh, di Gurun Paran. Mereka pun menyampaikan khabar kepada Musa dan Harun serta kepada seluruh umat itu, lalu memperlihatkan kepada semua orang buah-buahan hasil negeri itu. ²⁷ Kepada Musa mereka bercerita demikian, "Kami telah sampai ke negeri tempat tuan utus kami. Memang negeri itu berlimpah-limpah susu dan madu. Inilah hasil buah-buahnya. ²⁸ Hanya, bangsa yang mendiami negeri itu sangat kuat. Kota-kota mereka pun berkubu dan amat besar. Kami juga melihat keturunan orang Enak di sana. ²⁹ Bani

Amalek tinggal di Tanah Negeb. Bani Het, bani Yebus, dan bani Amori tinggal di pergunungan, sedangkan bani Kanaan tinggal di pesisir dan di tepi Sungai Yordan.”

³⁰ Kaleb berusaha menenangkan hati bangsa itu di depan Musa, katanya, “Kita harus maju dan menduduki negeri itu, kerana kita pasti dapat mengalahkannya!”

³¹ Akan tetapi, orang yang pergi bersama-samanya berkata, “Kita tidak dapat menyerang bangsa itu, kerana mereka lebih kuat daripada kita!” ³² Lalu mereka menyampaikan laporan buruk kepada orang Israel tentang negeri yang diintip mereka itu, kata mereka, “Negeri yang kami jelajahi untuk diintai itu ialah negeri yang memakan penduduknya. Semua orang yang kami lihat di situ tinggi-tinggi belaka. ³³ Kami melihat pula di sana orang Nefilim, iaitu keturunan Enak yang berasal daripada orang Nefilim. Di mata kami sendiri diri kami seperti belalang sahaja dan begitu jugalah di mata mereka.”

Pemberontakan orang Israel

14 ¹ Maka berteriaklah seluruh umat dengan suara yang nyaring, dan pada malam itu umat itu menangis. ² Seluruh orang Israel, iaitu

seluruh umat itu, bersungut-sungut terhadap Musa dan Harun lalu berkata kepada mereka, “Kalau sahaja kami mati di Tanah Mesir! Kalau sahaja kami mati di gurun ini! ³ Mengapakah Tuhan membawa kami ke negeri ini? Supaya kami tewas oleh pedang, dan isteri serta anak-anak kami menjadi tawanan? Bukankah lebih baik kami pulang ke Mesir?” ⁴ Kemudian mereka pun berkata antara satu sama lain, “Ayuh kita angkat seorang pemimpin lalu pulang ke Mesir!”

⁵ Lalu Musa dan Harun menyembamkan muka mereka ke bumi di depan seluruh kalangan umat Israel yang berkumpul di sana. ⁶ Yosua anak Nun dan Kaleb anak Yefune, yang termasuk antara orang yang mengintip negeri itu, mengoyakkan pakaian mereka sendiri ⁷ dan berkata kepada seluruh kalangan umat Israel, “Tersangat baiknya negeri yang kami lalui untuk diintai itu. ⁸ Jika Tuhan berkenan kepada kita, tentu Dia akan membawa kita masuk ke negeri itu serta mengurniai kita sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu. ⁹ Hanya, janganlah derhaka terhadap Tuhan dan janganlah kamu takut kepada rakyat negeri itu, kerana mereka itu betapa mudah kita gempurkan. Pelindung mereka sudah meninggalkan mereka,

sedangkan Tuhan menyertai kita. Jadi, jangan takut kepada mereka.”¹⁰ Tetapi seluruh umat itu mengancam akan merejam kedua-duanya dengan batu. Lalu tampaklah kemuliaan Tuhan di Khemah Pertemuan, di hadapan seluruh orang Israel.

¹¹ Firman Tuhan kepada Musa, “Berapa lama lagi bangsa ini menista Aku? Berapa lama lagi mereka tidak mahu percaya kepada-Ku, padahal segala tanda ajaib sudah Kulakukan dalam kalangan mereka?”¹² Aku akan mengazabkan mereka dengan wabak penyakit dan melenyapkan mereka, tetapi kamu akan Kubuat untuk menjadi bangsa yang lebih besar dan lebih kuat daripada mereka.”

¹³ Kata Musa kepada Tuhan, “Jika hal itu didengar orang Mesir, padahal dengan kuasa-Mu telah Kaubawa bangsa ini keluar daripada kalangan mereka,¹⁴ maka tentunya mereka akan menceritakan hal itu kepada penduduk negeri ini. Penduduk negeri ini telah mendengar bahawa Engkau, ya Tuhan, hadir di tengah-tengah bangsa ini, kerana Engkau, ya Tuhan, tampak nyata di hadapan mereka melalui awan-Mu yang berdiri di atas mereka. Dalam tiang awan Engkau memimpin mereka pada siang

hari dan dalam tiang api pada malam hari.

¹⁵ Jika Engkau melenyapkan seluruh bangsa ini, maka bangsa-bangsa yang telah mendengar khabar kemasyhuran tentang-Mu akan berkata,

¹⁶ ‘Kerana Tuhan tidak sanggup membawa bangsa ini masuk ke negeri yang dijanjikan-Nya dengan bersumpah kepada mereka, maka Dia membunuh mereka di gurun.’ ¹⁷ Jadi, sekarang agungkanlah kuasa Tuhan seperti yang telah Kaufirmankan, ¹⁸ ‘Tuhan itu panjang sabar dan kasih setia-Nya berlimpah-limpah. Dia mengampunkan kesalahan serta pelanggaran, meski sekali-kali tidak membebaskan orang yang bersalah daripada hukuman, dan membalas kesalahan ayah kepada anak-anaknya, kepada keturunan yang ketiga dan yang keempat.’

¹⁹ Semoga Engkau ampun kesalahan bangsa ini selaras dengan kasih-Mu yang besar, sebagaimana Engkau telah mengampuni bangsa ini sejak dari Mesir lagi sampai sekarang ini.”

²⁰ Firman Tuhan, “Aku telah mengampuni mereka sebagaimana permintaanmu itu.

²¹ Namun demikian, demi Aku yang hidup dan demi kemuliaan Tuhan yang memenuhi seluruh bumi, ²² sesungguhnya semua orang yang telah

14:18: Kel 20:5,6; 34:6,7; Ul 5:9,10; 7:9,10.

14:21: Ibr 3:18.

melihat kemuliaan-Ku dan tanda-tanda ajaib yang Kuadakan di Mesir serta di gurun tetapi masih juga menguji Aku sampai sepuluh kali dan tidak mahu mematuhi-Ku, ²³ sekali-kali tidak akan melihat negeri yang Kujanjikan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka! Semua yang menista Aku tidak akan melihat negeri itu. ²⁴ Tetapi hamba-Ku Kaleb, kerana jiwa lain yang ada padanya dan dia mengikut Aku sepenuhnya, maka akan Kubawa dia masuk ke negeri yang telah dimasukinya itu, dan keturunannya akan memilikinya. ²⁵ Orang Amalek dan orang Kanaan tinggal di lembah-lembah. Oleh sebab itu berbaliklah esok dan berangkatlah ke gurun melalui jalan menuju ke Laut Merah.”

²⁶ Tuhan berfirman lagi kepada Musa dan Harun, ²⁷ “Berapa lama lagi umat yang jahat ini akan bersungut-sungut terhadap Aku? Telah Kudengar pelbagai sungutan yang dilontarkan orang Israel kepada-Ku. ²⁸ Katakanlah kepada mereka, ‘Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan, sesungguhnya seperti yang kamu ucapkan di hadirat-Ku, begitulah akan Kulakukan terhadapmu. ²⁹ Di gurun ini akan bergelimpangan mayat-mayatmu, iaitu semua orang berumur dua puluh tahun ke atas yang telah dihitung dan

yang bersungut-sungut terhadap-Ku. ³⁰ Tiada seorang pun daripada kamu akan masuk ke negeri yang telah Kujanjikan dengan bersumpah untuk kamu diami, kecuali Kaleb anak Yefune dan Yosua anak Nun. ³¹ Anak-anakmulah, yang kamu katakan akan menjadi tawanan, yang akan Kubawa masuk. Mereka akan menikmati negeri yang kamu tolak itu. ³² Akan tetapi bagi kamu, mayat-mayatmu akan bergelimpangan di gurun ini. ³³ Anak-anakmu akan menjadi gembala di gurun empat puluh tahun lamanya dan akan menanggung kesalahan akibat kekufuran kamu, sampai mayat-mayatmu habis di gurun. ³⁴ Selaras dengan jumlah hari kamu mengintip negeri itu, iaitu empat puluh hari, demikianlah empat puluh tahun lamanya kamu akan menanggung kesalahanmu itu, satu tahun dihitung menggantikan satu hari. Kamu akan tahu bagaimana rasanya jika Aku menentang kamu. ³⁵ Aku, Tuhan, telah berfirman. Sesungguhnya, hal itu akan Kulakukan terhadap seluruh umat yang jahat ini, yang telah bermuafakat untuk melawan Aku. Di gurun ini mereka akan habis, dan di sini juga mereka akan mati.' ”

³⁶ Orang yang telah diutus Musa mengintip negeri itu namun kembali dengan menyampaikan

laporan buruk mengenai negeri itu sehingga seluruh umat bersungut-sungut kepada Musa, ³⁷ mati terkena wabak di hadapan Tuhan.

³⁸ Daripada mereka yang pergi mengintip negeri itu hanya Yosua anak Nun dan Kaleb anak Yefune yang terus hidup.

³⁹ Ketika Musa menyampaikan firman ini kepada seluruh orang Israel, amat berdukalah umat itu. ⁴⁰ Mereka bangun pagi-pagi hendak naik ke puncak gunung, dan berkata, “Memang kami telah berdosa. Sekarang kami hendak maju ke tempat yang difirmankan Tuhan.”

⁴¹ Tetapi kata Musa, “Mengapakah kamu mahu melanggar firman Tuhan? Kamu tidak akan berhasil! ⁴² Jangan maju, kerana Tuhan tidak menyertaimu. Jangan sampai kamu dikalahkan musuhmu, ⁴³ kerana orang Amalek dan bani Kanaan ada di sana, di depanmu. Kamu akan tewas oleh pedang. Kerana kamu telah berpaling daripada Tuhan, maka Tuhan tidak mahu menyertai kamu.”

⁴⁴ Meskipun begitu, mereka tetap bertekad untuk naik ke puncak gunung itu, padahal tabut perjanjian Tuhan dan juga Musa tidak berganjak dari tengah-tengah perkhemahan. ⁴⁵ Maka orang Amalek dan bani Kanaan yang tinggal di pergunungan itu turun menyerbu mereka dan mengejar mereka sampai ke Horma.

Peraturan tentang korban

15 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Apabila kamu sampai di negeri yang akan Kukurniakan kepadamu sebagai tempat kediamanmu, ³ dan kamu hendak mempersembahkan korban kepada Tuhan daripada kawanan lembu atau kawanan domba yakni sebagai korban bakaran ataupun korban sembelihan yang keharumannya diredai Tuhan, sama ada untuk membayar nazar khusus, untuk korban sukarela, atau korban pada hari-hari perayaan tertentu, ⁴ maka hendaklah orang yang membawa persembahannya itu mempersembahkan kepada Tuhan persembahan bahan makanan berupa sepersepuluh efa^r tepung terbaik yang dicampurkan dengan seperempat hin^s minyak zaitun. ⁵ Persembahkanlah juga seperempat hin air anggur sebagai persembahan minuman bersama-sama korban bakaran atau korban sembelihan itu, untuk setiap seekor anak domba korban. ⁶ Jika korbanmu berupa seekor domba jantan, persembahkanlah persembahan bahan makanan daripada dua persepuluh

^r15:4 Satu efa kira-kira 22 liter.

^s15:4 Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

efa tepung terbaik yang dicampurkan dengan sepertiga hin minyak zaitun,⁷ dan persembahan minuman berupa sepertiga hin air anggur, sehingga keharumannya diredai Tuhan.⁸ Apabila kamu menyediakan seekor lembu jantan muda, baik sebagai korban bakaran mahupun korban sembelihan untuk membayar sesuatu nazar khusus, atau sebagai korban kedamaian yang dipersembahkan kepada Tuhan,⁹ maka bersama dengan lembu jantan muda itu bawalah persembahan bahan makanan daripada tiga persepuluh efa tepung terbaik yang dicampurkan dengan setengah hin minyak zaitun,¹⁰ dan persembahan minuman berupa setengah hin air anggur untuk menjadi korban bakaran, sehingga keharumannya diredai Tuhan.

¹¹ Hendaklah dilakukan sedemikian untuk setiap ekor lembu atau domba jantan, setiap ekor anak domba atau kambing.¹² Berapa banyak pun jumlah ternakan yang kamu sediakan, hendaklah kamu lakukan sedemikian juga untuk setiap ekornya.¹³ Hendaklah setiap orang warga asli melakukan hal ini dengan cara demikian pada waktu dia mempersembahkan korban bakaran, yang keharumannya diredai Tuhan.¹⁴ Jika seorang pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu atau sesiapa sahaja yang menetap turun-temurun dalam kalangan kamu

hendak mempersembahkan korban bakaran, yaitu korban yang keharumannya diredai Tuhan, maka hendaklah dia melakukannya sebagaimana yang kamu lakukan. ¹⁵ Satu ketetapan berkuat kuasa atas seluruh jemaah itu, baik bagi kamu mahupun bagi pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu, dan ketetapan itu berkuat kuasa untuk seterusnya bagi kamu turun-temurun. Kamu dan juga pendatang-pendatang itu sama di hadapan Tuhan. ¹⁶ Satu hukum dan satu peraturan berkuat kuasa, baik bagi kamu mahupun bagi pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu.’ ”

¹⁷ Tuhan berfirman kepada Musa,

¹⁸ “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Apabila kamu sampai di negeri tempat Aku membawa kamu, ¹⁹ dan kamu mulai menikmati hasil negeri itu, maka hendaklah kamu mempersembahkan persembahan khusus kepada Tuhan. ²⁰ Persembahkanlah kuih daripada tepung barli hasil pertama sebagai persembahan khusus. Sama halnya seperti persembahan khusus dari tempat pembantingan, demikian pulalah kamu harus mempersembahkannya. ²¹ Daripada tepung barli hasil pertama itu kamu harus mempersembahkan persembahan

khusus kepada Tuhan, secara berterusan turun-temurun.’ ”

Peraturan bagi dosa yang tidak disengajakan

²² “Jika kamu dengan tidak sengaja lalai mematuhi segala perintah yang difirmankan Tuhan kepada Musa, ²³ iaitu segala yang diperintahkan Tuhan kepadamu dengan perantaraan Musa sejak Tuhan memerintahkannya sampai kaum keluargamu seterusnya turun-temurun, ²⁴ dan jika hal itu dilakukan tanpa sengaja dan tanpa pengetahuan kalangan umat, maka hendaklah seluruh umat mempersembahkan seekor lembu jantan muda sebagai korban bakaran, korban yang keharumannya diredai Tuhan dan juga persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya menurut peraturan yang berkuat kuasa, juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa. ²⁵ Hendaklah imam mengadakan pendamaian bagi seluruh kalangan umat Israel dan mereka akan diampuni, kerana hal itu tidak disengajakan. Di samping itu, mereka juga telah membawa persembahan mereka, iaitu korban bakaran untuk dipersembahkan kepada Tuhan dan korban penghapus dosa di hadapan Tuhan, akibat ketidaksengajaan mereka itu. ²⁶ Seluruh kalangan umat Israel akan diampuni,

begitu juga pendatang yang tinggal dalam kalangan mereka, kerana mereka melakukannya tanpa sengaja.

²⁷ Jika seorang sahaja yang berbuat dosa tanpa sengaja, maka hendaklah dia mempersembahkan seekor kambing betina berumur setahun sebagai korban penghapus dosa. ²⁸ Hendaklah imam mengadakan pendamaian di hadapan Tuhan bagi orang yang berbuat dosa tanpa sengaja itu, supaya dengan pendamaian yang diadakan baginya dapatlah dia diampuni. ²⁹ Satu hukum berkuat kuasa bagi orang yang berbuat dosa tanpa sengaja, baik warga asli orang Israel mahupun pendatang yang tinggal dalam kalangan kamu.

³⁰ Akan tetapi, jika seseorang, baik warga asli mahupun pendatang, berbuat dosa dengan sengaja itu bererti dia mencerca Tuhan dan hendaklah dia disingkirkan daripada kalangan bangsanya. ³¹ Kerana orang itu telah menghina firman Tuhan dan mengingkari perintah-Nya, maka hendaklah dia disingkirkan daripada kalangan bangsanya. Kesalahannya tertanggung kepada dirinya.”

Pelanggar peraturan Sabat dihukum mati

³² Sewaktu orang Israel berada di gurun, mereka mendapati seorang yang sedang mengumpulkan kayu api pada hari Sabat. ³³ Maka orang yang mendapatinya sedang mengumpulkan kayu bakar itu membawa dia kepada Musa, Harun, dan seluruh umat. ³⁴ Orang itu dimasukkan ke dalam tahanan, kerana belum dinyatakan apa yang harus dilakukan terhadapnya. ³⁵ Kemudian Tuhan berfirman kepada Musa, “Hendaklah orang itu dihukum mati. Seluruh umat harus merejamnya dengan batu di luar perkhemahan.” ³⁶ Maka seluruh umat membawa dia ke luar perkhemahan dan merejamnya dengan batu hingga mati, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

Peraturan rumbai

³⁷ Tuhan berfirman kepada Musa, ³⁸ “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Buatlah rumbai-rumbai pada bucu-bucu pakaianmu dan amalkan itu turun-temurun, dan letaklah sehelai benang biru pada rumbai-rumbai pada bucu pakaian itu. ³⁹ Rumbai-rumbai itu akan menjadi rambu-rambu

peringatan bagimu, kerana setiap kali kamu melihatnya, kamu akan mengingat segala perintah Tuhan dan melakukannya, sehingga kamu tidak lagi mengikuti keinginan hatimu atau keinginan matamu sendiri, seperti yang biasa kamu lakukan dalam kekufuran kamu. ⁴⁰ Dengan demikian kamu dapat mengingat dan melakukan segala perintah-Ku, sehingga kamu menjadi suci bagi Allahmu. ⁴¹ Akulah Tuhan, Allahmu, yang telah membawa kamu keluar dari Tanah Mesir supaya Aku menjadi Allahmu. Akulah Tuhan, Allahmu.”

Pemberontakan Korah, Datan, dan Abiram

16 ¹ Korah anak Yizhar anak Kehat anak Lewi bersama-sama anak-anak Eliab, iaitu Datan dan Abiram, serta On anak Pelet, ketiga-tiganya daripada bani Ruben, menghasut orang ² untuk memberontak dan melawan Musa dengan disertai dua ratus lima puluh orang ternama daripada orang Israel, iaitu para pemimpin umat yang dipilih oleh jemaah. ³ Maka berhimpunlah mereka menentang Musa dan Harun. Kata mereka kepada kedua-duanya, “Kamu sudah berlebih-lebihan! Sesungguhnya, seluruh umat memang orang suci, dan Tuhan

hadir di tengah-tengah mereka. Mengapakah kamu meninggikan diri terhadap jemaah Tuhan?”

⁴ Apabila Musa mendengar hal itu, disembamkan mukanya ke tanah. ⁵ Lalu katanya kepada Korah dan seluruh pengikutnya, “Esok pagi Tuhan akan memberitahukan siapa milik-Nya dan siapa yang suci, kemudian Dia akan mengizinkan orang yang dipilih-Nya itu untuk mendekat kepada-Nya. ⁶ Buatlah begini: wahai Korah dan seluruh pengikutnya, pada esok hari ambillah perdupaan, ⁷ lalu di hadapan Tuhan letaklah api di dalamnya dan dupa di atasnya. Orang yang dipilih Tuhan, dialah yang suci. Kamu sudah terlanjur, wahai bani Lewi!”

⁸ Kata Musa lagi kepada Korah, “Dengarlah, wahai bani Lewi! ⁹ Terlalu kecilkah bagimu bahawa kamu telah dikhususkan oleh Allah Israel daripada kalangan umat Israel untuk dibolehkan kamu tampil dekat kepada-Nya, melaksanakan pekerjaan di Khemah Suci Tuhan, serta bertugas melayani umat? ¹⁰ Dia telah mengizinkan kamu berserta semua saudaramu bani Lewi untuk tampil dekat kepada-Nya, tetapi sekarang kamu mahu menuntut jawatan imam pula! ¹¹ Dengan demikian, kamu dan seluruh pengikutmu telah bermuafakat melawan Tuhan. Siapakah Harun itu sehingga kamu bersungut-sungut kepadanya?”

¹² Kemudian Musa menyuruh orang memanggil Datan dan Abiram, anak-anak Eliab, tetapi jawab mereka, “Kami tidak mahu datang. ¹³ Belum cukupkah bahawa kamu telah memimpin kami keluar dari negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu untuk membunuh kami di gurun, sehingga sekarang kamu mahu menjadikan dirimu tuan penguasa atas kami pula? ¹⁴ Apatah lagi kamu tidak membawa kami ke negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu! Kamu pun tidak memberikan kepada kami harta pusaka berupa ladang dan kebun anggur. Masihkah kamu mahu mengelabui mata orang ini? Kami tidak mahu datang!”

¹⁵ Musa menjadi sangat marah lalu berkatalah dia kepada Tuhan, “Janganlah kiranya Engkau pedulikan persembahan mereka. Tidak pernah kuambil daripada mereka seekor keldai pun, dan tidak pernah kubuat jahat terhadap seorang pun daripada mereka.”

¹⁶ Musa berkata kepada Korah, “Esok kamu dan seluruh pengikutmu harus menghadap Tuhan. Ya, kamu dan mereka, dan juga Harun. ¹⁷ Masing-masing harus membawa perdupaannya, menaruh dupa di atasnya, dan mempersembhkannya di hadapan Tuhan – dua ratus lima puluh perbaraan. Demikian pula kamu dan Harun harus membawa perbaraan

kamu masing-masing.”¹⁸ Mereka pun membawa perbaraan masing-masing, menaruh api di dalamnya, dan juga dupa di atasnya. Setelah itu, mereka berdiri di depan pintu Khemah Pertemuan bersama dengan Musa dan Harun.¹⁹ Ketika Korah mengumpulkan seluruh umat menentang kedua-duanya di depan pintu Khemah Pertemuan, tampaklah kemuliaan Tuhan di hadapan seluruh umat itu.²⁰ Tuhan pun berfirman kepada Musa dan Harun,²¹ “Pisahkanlah dirimu daripada umat ini, kerana mereka akan Kulenyapkan sekejap lagi.”

²² Tetapi kedua-duanya bersujud dan berkata, “Ya Allah, Allah atas roh semua manusia! Jika seorang sahaja yang berdosa, akankah Engkau murka terhadap seluruh umat ini?”

²³ Firman Tuhan kepada Musa,²⁴ “Katakanlah kepada umat itu, ‘Pergilah jauh dari sekitar kediaman Korah, Datan, dan Abiram.’ ”

²⁵ Kemudian pergilah Musa mendapatkan Datan dan Abiram, diikuti tua-tua Israel.²⁶ Katanya kepada umat itu, “Pergilah jauh dari khemah orang fasiq ini. Jangan sentuh sesuatu pun milik mereka, supaya jangan kamu binasa kerana segala dosa mereka.”²⁷ Maka jemaah itu pun pergi jauh dari sekitar kediaman Korah, Datan, dan Abiram.

Datan dan Abiram keluar, lalu berdiri di depan pintu khemah mereka berserta isteri, anak-anak lelaki, juga anak-anak yang masih kecil-kecil. ²⁸ Kata Musa, “Dengan yang berikut ini kamu akan tahu bahawa Tuhan telah mengutus aku untuk melakukan segala pekerjaan ini dan bahawa hal ini bukan berasal daripada niat hatiku sendiri. ²⁹ Jika orang ini mati secara lazim seperti yang dialami setiap manusia, atau jika ajal menjemput mereka seperti ajal menjemput setiap manusia, maka Tuhan tidak mengutus aku. ³⁰ Akan tetapi, jika Tuhan membuat sesuatu yang baru, dan tanah mengangakan mulutnya serta menelan mereka bersama dengan segala sesuatu yang dimiliki mereka hinggakan mereka turun hidup-hidup ke alam kubur, maka kamu akan tahu bahawa orang ini telah menista Tuhan.”

³¹ Sebaik sahaja Musa selesai mengucapkan semua kata itu, terbelahlah tanah di bawah kaki orang itu. ³² Bumi mengangakan mulutnya dan menelan mereka bersama-sama seisi rumah mereka, juga semua pengikut Korah berserta segala harta benda mereka. ³³ Demikianlah mereka turun hidup-hidup ke alam kubur berserta semua yang ada pada mereka. Bumi pun tertutup semula dan mereka binasa daripada tengah-tengah jemaah itu. ³⁴ Apabila mendengar teriakan mereka itu, seluruh orang Israel yang

ada di sekeliling mereka berlarian sambil berkata, “Jangan-jangan kita juga ditelan bumi!”

³⁵ Setelah itu, turunlah api daripada Tuhan menghanguskan 250 orang yang mempersembahkan dupa itu.

³⁶ Tuhan berfirman kepada Musa, ³⁷ “Suruhlah Eleazar, anak Imam Harun, memungut semua perdupaan dari tempat kebakaran itu lalu serakkanlah abu arangnya jauh-jauh, kerana semua perdupaan itu suci. ³⁸ Hendaklah semua perdupaan mereka, iaitu orang berdosa lalu kehilangan nyawa masing-masing itu, ditempa tipis-tipis menjadi salutan bagi tempat pembakaran korban, kerana mereka sudah mempersembahkannya di hadapan Tuhan sehingga semuanya menjadi suci. Hal itu akan menjadi tanda bagi orang Israel.” ³⁹ Kemudian Imam Eleazar mengambil kesemua perdupaan daripada gangsa yang telah dipersembahkan oleh orang yang telah hangus itu, lalu menempanya menjadi bahan yang menyaluti tempat pembakaran korban. ⁴⁰ Hal itu menjadi tanda pengingat bagi orang Israel supaya jangan seorang pun selain keturunan Harun berani tampil dekat untuk membakar dupa di hadapan Tuhan, dan supaya jangan mereka jadi seperti Korah dan pengikutnya, seperti yang difirmankan Tuhan kepada Eleazar dengan perantaraan Musa.

⁴¹ Namun demikian, keesokan harinya seluruh kalangan umat Israel bersungut-sungut kepada Musa dan Harun. Kata mereka, “Kamu telah membunuh umat Tuhan.” ⁴² Seluruh umat berkumpul melawan Musa dan Harun. Tetapi ketika mereka berpaling ke arah Khemah Pertemuan, tampak awan menutupi Khemah itu dan kemuliaan Tuhan pun terlihat. ⁴³ Maka pergilah Musa dan Harun ke depan Khemah Pertemuan. ⁴⁴ Firman Tuhan kepada Musa, ⁴⁵ “Pergilah jauh daripada umat ini, kerana mereka akan Kulenyapkan sekejap lagi.”

Maka sujudlah kedua-duanya. ⁴⁶ Musa berkata kepada Harun, “Ambillah perdupaanmu, taruhlah di dalamnya api daripada tempat pembakaran korban, dan taruhlah dupa di atasnya. Setelah itu, bawalah dengan segera ke tempat kalangan umat itu dan adakanlah pendamaian bagi mereka, kerana kemurkaan Tuhan telah berkobar-kobar dan wabak mulai berlaku.” ⁴⁷ Maka Harun mengambil perdupaan, seperti yang dikatakan Musa, lalu berlari ke tengah-tengah jemaah itu. Tampak wabak sudah mulai melanda bangsa itu. Diletakkannya dupa di dalam perdupaan itu dan diadakannya pendamaian bagi bangsa itu. ⁴⁸ Dia berdiri dalam kalangan yang mati dan yang hidup, lalu berhentilah wabak itu. ⁴⁹ Mereka yang mati kerana wabak itu sejumlah 14,700 orang

semuanya, belum termasuk orang yang mati dalam hal kemungkaran Korah. ⁵⁰ Sesudah wabak itu berhenti, Harun kembali menemui Musa di depan pintu Khemah Pertemuan.

Bertunasnya tongkat Harun

17 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Berbicaralah kepada orang Israel dan ambillah tongkat daripada setiap orang daripada pemimpin yakni satu tongkat dari setiap pemimpin, mewakili setiap suku kaum, iaitu sejumlah dua belas batang tongkat. Tuliskanlah nama para pemimpin itu pada tongkat masing-masing. ³ Nama Harun harus kamu tuliskan pada tongkat bani Lewi, kerana satu tongkat harus mewakili setiap ketua suku kaum. ⁴ Letakkanlah semua tongkat itu dalam Khemah Pertemuan, di hadapan tabut loh hukum, tempat Aku menemui kamu. ⁵ Nanti, sesiapa yang akan Kupilih, tongkatnya akan bertunas. Demikianlah Aku akan meredakan segala rungutan yang dilontarkan oleh orang Israel terhadap kamu.”

⁶ Maka berbicaralah Musa kepada orang Israel, lalu semua pemimpin mereka memberikan tongkat masing-masing kepadanya. Setiap pemimpin memberikan sebatang tongkat menurut suku kaum mereka, maka terdapat

sejumlah dua belas batang tongkat. Tongkat Harun pun ada antara tongkat-tongkat itu. ⁷ Musa meletakkan tongkat-tongkat itu di hadapan Tuhan, di dalam khemah kesaksian.

⁸ Keesokan harinya ketika Musa masuk ke dalam khemah kesaksian, tampak tongkat Harun yang mewakili bani Lewi telah bertunas. Tongkat itu pun mengeluarkan kuncup, berbunga, dan menghasilkan buah badam. ⁹ Kemudian Musa membawa semua tongkat itu keluar dari hadirat Tuhan, ke hadapan seluruh orang Israel. Mereka melihat tongkat-tongkat itu, lalu setiap pemimpin mengambil tongkat masing-masing. ¹⁰ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa, “Kembalikanlah tongkat Harun ke hadapan tabut loh hukum untuk disimpan sebagai tanda bagi orang derhaka itu. Dengan begitu kamu menamatkan segala rungutan mereka kepada-Ku, supaya jangan mereka mati.” ¹¹ Maka Musa pun melaksanakannya. Dilakukannyalah seperti yang diperintahkan Tuhan kepadanya itu.

¹² Kata orang Israel kepada Musa, “Sesungguhnya, kami akan mati! Kami binasa, kami semua binasa! ¹³ Sesiapa pun yang datang mendekati Khemah Suci Tuhan akan mati. Apakah kami semua akan binasa?”

Kewajiban para imam

18 ¹ Tuhan berfirman kepada Harun, “Kamu, anak-anakmu, dan kaum keluargamu harus menanggung akibat daripada kesalahan terhadap tempat suci. Akan tetapi, hanya kamu dan anak-anakmulah yang harus menanggung kesalahan yang dilakukan dalam keimamanmu. ² Suruhlah juga saudara-saudaramu suku Lewi, yaitu suku bapa leluhurmu, datang bergabung denganmu dan melayani kamu sewaktu kamu dan anak-anakmu berada di depan khemah kesaksian. ³ Hendaklah mereka bertanggungjawab kepadamu serta melaksanakan seluruh pekerjaan dalam Khemah kecuali mereka tidak boleh mendekati kelengkapan-kelengkapan tempat suci atau mazbah, supaya jangan mereka ataupun kamu mati. ⁴ Hendaklah mereka menyertai kamu dan bertanggungjawab ke atas pemeliharaan Khemah Pertemuan, serta melakukan semua pekerjaan dalam Khemah itu. Jangan ada orang awam yang datang dekat kepadamu. ⁵ Hendaklah kamu bertanggungjawab ke atas tempat suci dan mazbah, supaya tidak ada lagi murka terhadap orang Israel. ⁶ Sesungguhnya, Aku telah memilih saudara-saudaramu bani Lewi daripada kalangan orang Israel sebagai pemberian untukmu.

Mereka telah diserahkan kepada Tuhan untuk melaksanakan pekerjaan di Khemah Pertemuan.

⁷ Tetapi hendaklah kamu dan anak-anakmu memegang jawatan imam dalam segala hal yang berkaitan dengan mazbah serta apa yang ada di balik tabir. Lakukanlah pekerjaan itu. Jawatan imam Kukurniakan kepadamu sebagai suatu pemberian; hendaklah orang awam yang berani mendekati Khemah itu dihukum mati.”

⁸ Firman Tuhan lagi kepada Harun, “Sesungguhnya, Aku telah memberikan kepadamu tanggungjawab untuk menguruskan persembahan khusus bagi-Ku, iaitu segala sesuatu yang disucikan oleh orang Israel. Semua itu Kukurniakan kepadamu dan kepada anak-anakmu sebagai peruntukan tetap untuk selama-lamanya. ⁹ Itulah bahagianmu daripada persembahan teramat suci yang tidak harus dibakar, setiap persembahan mereka, iaitu persembahan bahan makanan, korban penghapus dosa, dan korban penebus kesalahan yang diserahkan mereka kepada-Ku. Itulah bahagian teramat suci yang diperuntukkan bagimu dan bagi anak-anakmu. ¹⁰ Makanlah itu sebagai bahagian yang teramat suci. Semua lelaki boleh memakannya, dan bahagian itu harus kaupandang suci.

¹¹ Persembahan khusus daripada pemberian mereka, iaitu segala persembahan unjukan orang Israel, juga menjadi bahagianmu. Aku mengurniaknya kepadamu dan kepada anak-anakmu, baik lelaki mahupun perempuan, sebagai peruntukan tetap untuk selama-lamanya. Sesiapa yang suci dalam keluargamu boleh memakannya.

¹² Segala yang terbaik daripada minyak zaitun, air anggur, dan gandum yang dipersembahkan mereka sebagai hasil pertama kepada Tuhan, juga Kukurniakan kepadamu. ¹³ Hasil pertama daripada semua yang ada di tanah mereka dan yang dipersembahkan mereka kepada Tuhan, juga menjadi bahagianmu. Sesiapa yang suci dalam keluargamu boleh memakannya.

¹⁴ Semua yang diwakafkan dalam kalangan orang Israel ialah bahagianmu.

¹⁵ Demikian jugalah semua yang lahir pertama dari segala yang bernyawa, baik manusia mahupun haiwan, yang dipersembahkan mereka kepada Tuhan, menjadi bahagianmu. Hanya, hendaklah kamu menebus anak sulung manusia serta anak sulung haiwan yang najis. ¹⁶ Semua itu harus kamu tebus sejak umurnya satu bulan bersamaan dengan nilai lima syikal wang perak

menurut syikal rasmi Khemah Suci, iaitu seberat dua puluh gera.^t ¹⁷ Namun demikian, anak lembu, anak domba, atau anak kambing yang sulung tidak boleh kamu tebus, kerana semua itu suci. Percikkanlah darahnya ke mazbah dan bakarlah lemaknya sebagai korban bakaran, yang keharumannya diredai Tuhan. ¹⁸ Dagingnya menjadi bahagianmu, sama seperti dada persembahan unjukan dan paha kanan yang juga menjadi bahagianmu.

¹⁹ Segala persembahan khusus daripada barang-barang suci yang dipersembahkan orang Israel kepada Tuhan, Kukurniakan kepadamu dan kepada anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan sebagai peruntukan tetap untuk selama-lamanya. Itu ialah suatu perjanjian garam untuk selama-lamanya di hadapan Tuhan bagimu dan bagi keturunanmu.”

²⁰ Tuhan berfirman kepada Harun, “Kamu tidak akan mendapat harta pusaka di negeri mereka dan tidak akan mendapat bahagian dalam kalangan mereka. Akulah bahagianmu dan harta pusaka milikmu dalam kalangan orang Israel.

²¹ Bagi bani Lewi sesungguhnya telah Kukurniakan semua persembahan sepersepuluh

^t**18:16** Dua puluh gera: Kira-kira seberat 10 gram.

18:21: Im 27:30-33; Ul 14:22-29.

di Israel menjadi harta pusaka mereka sebagai imbalan atas pekerjaan yang dilaksanakan mereka di Khemah Pertemuan. ²² Mulai sekarang, jangan lagi orang Israel mendekati Khemah Pertemuan, supaya jangan mereka tanggung dosa lalu mati. ²³ Bani Lewi sahajalah yang harus melaksanakan pekerjaan di Khemah Pertemuan, dan merekalah yang harus menanggung akibat daripada kesalahan terhadap Khemah itu. Itulah suatu ketetapan yang berkuat kuasa untuk selama-lamanya bagimu turun-temurun. Mereka tidak akan mendapat harta pusaka dalam kalangan orang Israel, ²⁴ kerana persembahan sepersepuluh orang Israel yang diserahkan sebagai persembahan khusus kepada Tuhan telah Kukurniakan kepada bani Lewi menjadi harta pusaka mereka. Itulah sebabnya tentang mereka Aku berfirman bahawa mereka tidak akan mendapat harta pusaka dalam kalangan orang Israel.”

²⁵ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁶ “Apatah lagi, hendaklah kamu berbicara kepada bani Lewi dan katakan kepada mereka, ‘Apabila kamu menerima persembahan sepersepuluh daripada orang Israel, yang Kukurniakan kepadamu menjadi harta pusakamu, maka kamu pun harus mempersembahkan sepersepuluh daripada persembahan itu sebagai persembahan khusus

kepada Tuhan. ²⁷ Persembahan khususmu itu akan dianggap sama dengan gandum dari tempat pembantingan serta hasil dari tempat pemerasan anggur. ²⁸ Dengan cara itu kamu pun mempersembahkan persembahan khusus kepada Tuhan daripada segala persembahan sepersepuluh yang kamu terima daripada orang Israel. Serahkanlah persembahan khusus itu kepada Imam Harun, ²⁹ dan persembahkanlah yang terbaik daripada semuanya, yaitu bahagian sucinya, daripada semua yang diberikan kepada Tuhan. ³⁰ Oleh itu, katakanlah juga kepada mereka, ‘Pada waktu kamu mempersembahkan yang terbaik daripadanya, maka bagi bani Lewi hal itu akan dianggap sama dengan hasil tempat pembantingan dan hasil tempat pemerasan anggur. ³¹ Kamu ataupun keluargamu boleh memakannya di mana sahaja sebagai upahmu, sebagai imbalan atas pekerjaanmu di Khemah Pertemuan. ³² Kamu tidak akan menanggung dosa kerananya apabila kamu telah mempersembahkan yang terbaik daripadanya. Jangan najiskan persembahan-persembahan suci orang Israel, supaya jangan kamu mati.’”

Peraturan bagi penyucian

19 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ² “Inilah ketentuan hukum yang

diperintahkan Tuhan: Suruhlah orang Israel membawa kepadamu seekor lembu betina warna merah yang tidak bercacat cela, dan yang belum pernah dipasangkan kuk. ³ Serahkanlah lembu itu kepada Imam Eleazar. Selanjutnya hendaklah lembu itu dibawa ke luar perkhemahan dan hendaklah disembelih di hadapannya. ⁴ Kemudian, hendaklah Imam Eleazar mengambil sebahagian daripada darah lembu itu dengan jarinya dan memercikkannya tujuh kali ke sebelah depan Khemah Pertemuan. ⁵ Lalu hendaklah lembu itu dibakar di hadapan matanya. Hendaklah kulit, daging, darah, malah kotoran lembu itu dibakar. ⁶ Setelah itu, hendaklah imam mengambil kayu araz, ranting hisop, dan kain merah tua, lalu melemparkannya ke dalam api yang sedang membakar lembu itu. ⁷ Kemudian hendaklah imam mencuci pakaiannya dan membasuh tubuhnya dengan air, baru sesudah itu dia boleh masuk ke perkhemahan. Namun demikian, imam itu menjadi najis sampai waktu maghrib. ⁸ Orang yang membakar lembu itu juga harus mencuci pakaiannya dan membasuh tubuhnya dengan air, dan dia juga menjadi najis sampai waktu maghrib. ⁹ Selanjutnya hendaklah seorang yang suci mengumpulkan abu lembu itu

dan meletakkannya di suatu tempat yang suci di luar perkhemahan. Abu itu harus disimpan agar kalangan umat Israel dapat memakainya untuk membuat air pembersih kecemaran demi menghapuskan dosa. ¹⁰ Maka, hendaklah orang yang mengumpulkan abu lembu itu mencuci pakaiannya, dan dia menjadi najis sampai waktu maghrib. Ketetapan itu berkuat kuasa untuk selama-lamanya, baik bagi orang Israel mahupun bagi pendatang yang tinggal dalam kalangan mereka.

¹¹ Sesiapa yang menyentuh mayat akan menjadi najis selama tujuh hari. ¹² Hendaklah dia menyucikan dirinya dengan air itu pada hari ketiga, dan pada hari ketujuh dia menjadi suci. Tetapi jika dia tidak menyucikan diri pada hari ketiga, maka pada hari ketujuh dia tidak menjadi suci. ¹³ Sesiapa yang menyentuh mayat, iaitu tubuh manusia yang telah mati, tetapi tidak menyucikan dirinya, maka dia menajiskan Khemah Suci Tuhan dan hendaklah disingkirkan daripada Israel. Dia najis kerana air pembersih kecemaran tidak dipercikkan padanya, dan kenajisannya tetap melekat padanya.

¹⁴ Inilah hukumnya jika seseorang mati di dalam khemah: sesiapa pun yang masuk ke dalam khemah itu dan sesiapa sahaja yang telah berada di dalam khemah itu menjadi najis selama tujuh

hari. ¹⁵ Malahan semua wadah yang terbuka, tanpa penutup yang melekat di atasnya juga menjadi najis. ¹⁶ Sesiapa pun di padang terbuka yang menyentuh orang yang terbunuh dengan pedang, menyentuh mayat biasa, menyentuh tulang belulang manusia, atau menyentuh makam, dia menjadi najis selama tujuh hari.

¹⁷ Hendaklah orang yang najis itu mengambil sebahagian daripada abu korban penghapus dosa yang dibakar, letakkannya di dalam sebuah wadah, lalu tuangkan padanya air segar daripada mata air. ¹⁸ Selanjutnya, hendaklah seorang yang suci mengambil ranting hisop dan mencelupnya ke dalam air itu. Kemudian air itu harus dipercikkan pada khemah tadi, pada semua wadah, pada orang yang ada di dalam khemah, atau pada orang yang telah menyentuh tulang belulang, menyentuh mayat orang yang dibunuh, menyentuh mayat biasa, atau menyentuh makam tadi. ¹⁹ Hendaklah orang yang suci itu memercikkan orang yang najis itu, baik pada hari ketiga mahupun pada hari ketujuh, dan pada hari ketujuh hendaklah dia menyucikannya. Kemudian hendaklah orang itu mencuci pakaiannya, membasuh dirinya dengan air, hingga pada waktu maghrib dia menjadi suci.

²⁰ Akan tetapi, hendaklah orang yang menjadi najis dan tidak menyucikan dirinya disingkirkan

daripada kalangan umat, kerana dia telah menajiskan tempat suci Tuhan. Dia tetap najis kerana air pembersih kecemaran tidak dipercikkan padanya. ²¹ Itulah ketetapan yang berkuat kuasa selama-lamanya bagi mereka. Orang yang memercikkan air pembersih kecemaran itu pun harus mencuci pakaiannya, dan orang yang menyentuh air pembersih kecemaran itu menjadi najis sampai waktu maghrib. ²² Barang apa-apa pun yang disentuh oleh orang yang najis akan menjadi najis, dan sesiapa menyentuh barang itu akan menjadi najis juga sampai waktu maghrib.”

Orang Israel merungut-rungut lagi

20 ¹ Sampailah seluruh kalangan umat Israel di Gurun Zin pada bulan pertama, lalu tinggallah umat itu di Kadesh. Di sanalah Miryam meninggal dan dimakamkan.

² Pada suatu waktu, tidak ada air bagi umat itu. Maka berhimpunlah mereka menentang Musa dan Harun. ³ Bangsa itu berbantah terhadap Musa dan berkata, “Kalau sahaja kami mati ketika saudara-saudara kami itu mati di hadapan Tuhan! ⁴ Mengapakah kamu membawa jemaah Tuhan ke gurun ini? Supaya kami dan ternakan kami

mati di sini? ⁵ Mengapa pula kamu memimpin kami keluar dari Mesir dan membawa kami ke tempat buruk ini, yang bukan tempat biji-bijian, bukan tempat pokok ara, pokok anggur, atau pokok delima, bahkan air minum pun tidak ada?” ⁶ Musa dan Harun pergi meninggalkan jemaah itu menuju pintu Khemah Pertemuan, lalu mereka pun bersujud. Kemudian kemuliaan Tuhan tampak di hadapan mereka.

⁷ Firman Tuhan kepada Musa, ⁸ “Ambillah tongkatmu, lalu bersama dengan Harun abangmu kumpulkanlah jemaah itu. Berbicaralah kepada bukit batu itu di hadapan mata mereka agar bukit batu itu mengeluarkan airnya. Begitulah cara kamu mengeluarkan air dari bukit batu itu bagi mereka dan memberikan minum umat itu beserta segala ternakan mereka.” ⁹ Musa mengambil tongkat itu dari hadirat Tuhan, seperti yang diperintahkan-Nya kepadanya.

¹⁰ Kemudian Musa dan Harun mengumpulkan umat itu di depan bukit batu. Kata Musa kepada mereka, “Dengarlah, hai orang derhaka! Apakah kami harus mengeluarkan air bagimu dari bukit batu ini?” ¹¹ Lalu Musa mengangkat tangannya dan memukul bukit batu itu dua kali dengan tongkatnya. Maka keluarlah air dengan limbahnya, dan minumlah umat itu beserta ternakan mereka.

¹² Akan tetapi, Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, “Kerana kamu tidak percaya kepada-Ku dan tidak menyatakan kesucian-Ku di hadapan mata orang Israel, maka kamu tidak akan membawa jemaah ini masuk ke negeri yang akan Kukurniakan kepada mereka.”

¹³ Itulah mata air Meriba. Di situlah orang Israel berbantah dengan Tuhan, dan di situ pulalah Dia menyatakan kesucian-Nya dalam kalangan mereka.

Penolakan orang Edom (bani Esau)

¹⁴ Musa mengirim beberapa utusan dari Kadesh kepada raja Edom dengan pesan, “Beginilah kata saudaramu Israel, ‘Kamu tahu segala kesusahan yang telah menimpa kami. ¹⁵ Nenek moyang kami dahulu pergi ke Mesir dan kami tinggal lama sekali di Mesir. Akan tetapi kemudian orang Mesir memperlakukan kami dan nenek moyang kami dengan jahat. ¹⁶ Kami berseru kepada Tuhan, lalu Dia mendengar suara kami dan mengutus malaikat untuk membawa kami keluar dari Mesir. Sekarang ini kami berada di Kadesh, sebuah kota di tepi perbatasanmu. ¹⁷ Izinkanlah kami melalui negerimu. Kami tidak akan lalu di ladang atau kebun anggurmu dan kami pun tidak akan minum air perigimu. Kami akan berjalan di jalan raya raja

sahaja tanpa menyimpang ke kanan atau ke kiri, sehingga kami melalui perbatasanmu.’ ”

¹⁸ Tetapi kata orang Edom kepada mereka, “Kamu tidak boleh lalu di daerah kami! Jangan sampai kami keluar menghadapi kamu dengan pedang!”

¹⁹ Kata orang Israel kepada mereka, “Kami hanya akan berjalan melalui jalan raya. Kalaupun kami dan ternakan kami meminum airmu, kami akan membayarnya. Hanya, izinkanlah kami melaluinya dengan berjalan kaki. Tidak ada permintaan lain lagi daripada kami.”

²⁰ Tetapi jawab mereka, “Kamu tidak boleh melalui jalan raya itu.” Lalu orang Edom keluar menghadapi mereka dengan rakyat yang ramai dan dengan pasukan yang kuat. ²¹ Kerana orang Edom menolak dan tidak mengizinkan orang Israel lalu di daerahnya, maka berbaliklah orang Israel meninggalkan mereka.

Kematian Harun

²² Setelah seluruh kalangan umat Israel berangkat dari Kadesh, sampailah mereka di Gunung Hor. ²³ Kemudian di Gunung Hor itu, di perbatasan Tanah Edom, Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, ²⁴ “Harun akan dikumpulkan bersama-sama kaum leluhurnya. Dia tidak akan masuk ke negeri yang Kukurniakan

kepada orang Israel, kerana kamu berdua telah menderhaka terhadap firman-Ku di mata air Meriba. ²⁵ Panggillah Harun dan Eleazar, anaknya, dan bawalah mereka naik ke Gunung Hor. ²⁶ Kemudian tanggalkanlah pakaian Harun dan kenakanlah pada Eleazar, anaknya, kerana Harun akan dikumpulkan bersama-sama kaum leluhurnya. Dia akan mati di sana.” ²⁷ Musa melakukan seperti yang diperintahkan Tuhan. Mereka naik ke Gunung Hor di hadapan mata seluruh umat itu. ²⁸ Di sana Musa menanggalkan pakaian Harun dan mengenakannya kepada Eleazar, anaknya. Kemudian wafatlah Harun di sana, di puncak gunung itu. Setelah itu, Musa dan Eleazar turun dari gunung itu. ²⁹ Ketika seluruh umat itu tahu bahawa Harun telah meninggal, maka seluruh keturunan kaum Israel meratap untuk Harun itu selama tiga puluh hari.

Peperangan dekat Horma

21 ¹ Apabila Raja negeri Arad, orang Kanaan yang tinggal di Tanah Negeb, mendengar bahawa orang Israel datang melalui jalan Atarim, berperanglah dia melawan orang Israel dan menawan beberapa orang daripada mereka. ² Lalu bernazarlah orang Israel kepada Tuhan:

“Jika Engkau menyerahkan bangsa ini ke dalam tangan kami, maka kami akan menumpaskan kota-kota mereka.”³ Tuhan mendengar permohonan orang Israel dan menyerahkan orang Kanaan itu. Mereka pun menumpaskan orang itu beserta kota-kota mereka. Itulah sebabnya tempat itu dinamai Horma.

Ular gangsa

⁴ Mereka melanjutkan perjalanan dari Gunung Hor ke arah Laut Merah untuk mengelilingi Tanah Edom. Akan tetapi, bangsa itu tidak dapat menahan hati lagi di tengah jalan.

⁵ Mereka merungut-rungut terhadap Allah dan Musa, “Mengapakah kamu memimpin kami keluar dari Mesir? Supaya kami mati di gurun? Sesungguhnya, di sini tidak ada roti dan tidak ada air, dan kami muak dengan makanan tidak berguna ini!”⁶ Kemudian Tuhan melepaskan ular-ular berbisa ke tengah-tengah bangsa itu. Ular-ular itu memagut umat itu sehingga banyak rakyat Israel yang mati.⁷ Maka datanglah bangsa itu kepada Musa dan berkata, “Kami telah berdosa kerana kami berkata-kata melawan Tuhan dan kamu. Berdoalah kepada Tuhan supaya Dia menjauhkan ular-ular ini daripada

kami.” Lalu Musa berdoa bagi bangsa itu, ⁸ dan Tuhan berfirman kepada Musa, “Buatlah arca ular berbisa dan letaklah di atas sebatang tiang. Sesiapa pun yang dipagut oleh ular tadi akan tetap hidup kalau dia melihat arca ular itu.” ⁹ Lalu Musa membuat ular tembaga dan meletakkannya di atas sebatang tiang. Jika ada sesiapa yang dipagut oleh ular, dia akan memandangi arca ular tembaga dan terus hidup.

Menuju daerah Moab

¹⁰ Maka berangkatlah orang Israel lalu berkhemah di Obot. ¹¹ Setelah itu, mereka berangkat pula meninggalkan Obot, lalu berkhemah di reruntuhan Abarim, di gurun yang menghadap ke Moab, di sebelah timur. ¹² Dari situ mereka melanjutkan perjalanan, lalu berkhemah di Lembah Zered. ¹³ Dari situ mereka berangkat lagi, lalu berkhemah di seberang Sungai Arnon di gurun, yang mengalir dari daerah orang Amori. Sungai Arnon ialah perbatasan antara daerah bani Moab dengan bani Amori. ¹⁴ Itulah sebabnya disebutkan dalam Kitab Hikayat Peperangan Tuhan,
“Waheb di Sufa dan lembah-lembah Sungai Arnon,

¹⁵ dan lereng lembah-lembah yang terbentang ke arah Kota Ar, condong ke perbatasan Moab.”

¹⁶ Dari situ mereka berangkat menuju Beer. Itulah perigi tempat Tuhan berfirman kepada Musa, “Kumpulkanlah bangsa itu, Aku akan memberi mereka air.” ¹⁷ Pada waktu itu orang Israel menyanyikan nyanyian ini:

“Membuak-buaklah, wahai perigi!

Bernyanyilah tentang dia,

¹⁸ perigi yang digali oleh pembesar, yang dikorek oleh kaum bangsawan dalam kalangan bangsa itu

dengan cokmar pemerintahan

dan dengan tongkat-tongkat mereka.”

Selanjutnya, dari gurun itu mereka berangkat ke Matana, ¹⁹ dari Matana ke Nahaliel, dari Nahaliel ke Bamot, ²⁰ dari Bamot ke lembah yang di daerah Moab, dekat puncak Gunung Pisga yang menghadap ke gurun.

Kemenangan ke atas Sihon dan Og

²¹ Kemudian orang Israel mengirim beberapa orang utusan kepada Sihon, raja bani Amori, dengan pesan, ²² “Izinkanlah kami lalu di negerimu. Kami tidak akan menyimpang memasuki ladang atau kebun anggurmu, dan kami tidak akan minum air dari perigimu. Kami

hendak berjalan menyusuri jalan raya raja sahaja sehingga kami lalu di perbatasanmu.”²³ Akan tetapi, Sihon tidak mengizinkan orang Israel lalu di daerahnya. Sebaliknya, dia mengerahkan seluruh pasukannya keluar mendatangi orang Israel di gurun. Setibanya di Yahas berperanglah dia melawan orang Israel.²⁴ Namun demikian, orang Israel mengalahkannya dengan mata pedang dan menduduki negerinya dari Sungai Arnon sampai ke Sungai Yabok, hingga sejauh perbatasan bani Amon, kerana perbatasan bani Amon itu kuat.²⁵ Orang Israel merebut semua kota itu lalu tinggal di kota-kota orang Amori, iaitu di Hesbon dan di kota-kota kecil sekitarnya.²⁶ Hesbon ialah kota kediaman Sihon, raja bani Amori. Dia pernah berperang melawan raja Moab yang terdahulu dan merebut seluruh negeri itu daripada tangannya, sampai ke Arnon.

²⁷ Itulah sebabnya penyair-penyair berkata,
“Datanglah ke Hesbon,
biarlah kota kediaman Sihon itu
dibangunkan dan diperkuat!

²⁸ Api keluar dari Hesbon,
nyala api dari kota kediaman Sihon,
menghanguskan Ar-Moab,

warga tempat-tempat tinggi dekat Sungai Arnon.

²⁹ Malangnya kamu, hai Moab!

Binasalah kamu, hai umat Kamos!

Dia membuat anak-anak lelakinya menjadi pelarian

dan anak-anak perempuannya menjadi tawanan

bagi Sihon, raja bani Amori.

³⁰ Kita telah memanah mereka,

maka Hesbon binasa sampai ke Dibon.

Kita pun telah menanduskannya sampai ke Nofah,

yang terbentang sampai ke Medeba.”

³¹ Demikianlah orang Israel tinggal di negeri bani Amori. ³² Kemudian Musa mengutus orang untuk mengintip Yaezer, lalu mereka berhasil merebut kota-kota kecil di sekitarnya dan mengusir mana-mana bani Amori yang ada di sana.

³³ Setelah itu, mereka berbalik dan maju ke arah Basan. Og, raja Basan, keluar menghadapi mereka berserta seluruh pasukannya untuk berperang di Edrei. ³⁴ Tetapi Tuhan berfirman kepada Musa, “Jangan takut kepadanya kerana Aku telah menyerahkan dia dan seluruh pasukannya ke dalam tanganmu, bahkan seluruh negerinya. Lakukanlah terhadapnya sebagaimana

kamu lakukan terhadap Sihon, raja bani Amori, yang tinggal di Hesbon.”

³⁵ Maka mereka pun mengalahkan Og, anak-anaknya, dan seluruh pasukannya hinggakan tiada seorang pun yang terselamat. Setelah itu, mereka menduduki negerinya.

Bileam enggan mengutuk Israel

22 ¹ Kemudian berangkatlah orang Israel, lalu berkhemah di dataran Moab, di seberang Sungai Yordan dekat Yerikho.

² Balak anak Zipor melihat segala sesuatu yang dilakukan orang Israel terhadap bani Amori.

³ Bani Moab menjadi sangat takut akan orang Israel kerana jumlah mereka sangat ramai. Hati mereka kecut menghadapi orang Israel. ⁴ Lalu kata mereka kepada tua-tua Midian, “Sekarang pasukan besar itu akan melahap segala sesuatu di sekeliling kita seperti lembu melahap tumbuhan hijau di padang.” Maka Balak anak Zipor, raja Moab pada waktu itu, ⁵ mengirinkan beberapa utusan kepada Bileam anak Beor di Petor. Petor terletak di tepi Sungai Efrat, di bumi asal bangsanya. Dipesannya kepada Bileam, “Ketahuilah, ada suatu bangsa yang keluar dari Mesir dan sesungguhnya mereka menutupi

muka bumi, dan sekarang mereka sedang tinggal berseberangan denganku. ⁶ Oleh sebab itu datanglah ke mari sekarang dan kutuklah bangsa itu bagiku, kerana mereka lebih kuat daripada aku. Siapa tahu aku dapat mengalahkan mereka dan mengusir mereka dari negeri ini. Kerana aku tahu jika kamu memohonkan berkat bagi seseorang, dia memperoleh berkat, dan jika kamu mengutuk seseorang, dia menerima bahana kutukan.”

⁷ Kemudian, dengan membawa upah bagi penelahan mereka, berangkatlah tua-tua Moab dan Midian, lalu sampainya mereka di tempat Bileam maka mereka pun menyampaikan pesan Balak kepadanya. ⁸ Kata Bileam kepada mereka, “Bermalamlah di sini, aku akan memberi kamu jawapan sebagaimana yang difirmankan Tuhan kepadaku.” Maka tinggallah orang besar Moab itu di tempat Bileam.

⁹ Kemudian Allah mendatangi Bileam dan berfirman, “Siapakah orang yang ada bersama-samamu itu?”

¹⁰ Jawab Bileam kepada Allah, “Balak anak Zipor, raja Moab, mengutus mereka kepadaku dengan pesan, ¹¹ ‘Ketahuilah, ada suatu bangsa yang keluar dari Mesir, dan mereka menutupi muka bumi. Sekarang datanglah ke mari dan

kutuklah mereka bagiku. Siapa tahu aku dapat memerangi mereka dan mengusir mereka.’ ”

¹² Firman Allah kepada Bileam, “Jangan pergi bersama-sama mereka dan jangan kutuk bangsa itu, kerana mereka bangsa yang diberkati.”

¹³ Bangunlah Bileam pada pagi hari lalu katanya kepada orang besar Balak, “Pulanglah ke negerimu kerana Tuhan tidak mengizinkan aku pergi berserta kamu.” ¹⁴ Maka orang besar Moab itu segera pulang kepada Balak dan berkata, “Bileam tidak mahu datang bersama-sama kami.”

¹⁵ Sekali lagi Balak mengutus beberapa orang besar yang lebih ramai dan lebih mulia daripada yang terdahulu. ¹⁶ Sesampainya mereka di tempat Bileam, berkatalah mereka kepadanya, “Beginilah titah Balak anak Zipor, ‘Jangan biarkan sesuatu menghalang kamu untuk datang kepadaku, ¹⁷ kerana aku akan memberi hormat kepada kamu setinggi-tingginya. Apa pun yang kamu minta kepadaku akan aku lakukan. Oleh sebab itu datanglah ke mari dan kutuklah bangsa itu bagiku.’ ”

¹⁸ Jawab Bileam kepada para pegawai Balak, “Sekalipun Balak memberikan kepadaku perak dan emas yang memenuhi sebuah istana pun aku tidak dapat melanggar firman Tuhan, Allahku, baik itu perkara besar mahupun kecil.

¹⁹ Sekarang, tinggallah bersama-samaku di sini,

aku akan mendapat tahu apa lagi yang akan difirmankan Tuhan kepadaku.”

²⁰ Lalu Allah mendatangi Bileam pada malam hari dan berfirman kepadanya, “Jika orang itu memang datang untuk memanggil kamu, pergilah segera bersama-sama mereka, tetapi kamu hanya akan melakukan apa yang Kufirmankan kepadamu sahaja.”

Keldai Bileam dan malaikat Allah

²¹ Bileam bangun pada paginya dan mengenakan pelana pada keldainya lalu pergi bersama-sama orang besar Moab itu. ²² Akan tetapi, ternyalalah murka Allah kerana dia pergi, maka malaikat Tuhan berdiri di jalan, mengadangnya sebagai lawan. Pada waktu itu Bileam menunggangi keldainya dan kedua-dua pelayannya menyertainya. ²³ Ketika keldai itu melihat malaikat Tuhan berdiri di jalan dengan pedang terhunus di tangannya, menyimpanglah keldai itu dari jalan lalu masuk ke ladang. Bileam memukul keldainya supaya kembali ke jalan. ²⁴ Kemudian malaikat Tuhan berdiri di tempat yang sempit di antara dua kebun anggur dengan tembok di sebelah-menyebelah. ²⁵ Apabila keldai itu melihat malaikat Tuhan, dia merapatkan tubuhnya pada tembok sehingga kaki Bileam terhimpit tembok. Lalu dia memukul keldainya

lagi. ²⁶ Setelah itu, malaikat Tuhan berjalan terus dan berdiri di suatu tempat sempit tanpa ada jalan untuk menyimpang ke kanan atau ke kiri.

²⁷ Apabila keldai itu melihat malaikat Tuhan, direbahkannya badannya walhal Bileam masih berada di atasnya. Maka meluaplah amarah Bileam sehingga dipukulnya keldai itu dengan tongkatnya. ²⁸ Kemudian Tuhan membuat keldai itu dapat berkata-kata lantas berkatalah keldai itu kepada Bileam, “Apakah yang kulakukan kepadamu sehingga kamu memukul aku tiga kali?”

²⁹ Jawab Bileam kepada keldai itu, “Kerana kamu membodohkan aku! Kalaulah ada pedang di tanganku tentulah kamu kubunuh sekarang.”

³⁰ Kata keldai itu kepada Bileam, “Bukankah aku ini keldaimu yang kamu tunggangi seumur hidupmu sampai hari ini? Adakah aku biasa berbuat demikian padamu?”

Jawabnya, “Tidak.”

³¹ Kemudian Tuhan menyingkapkan mata Bileam sehingga dia melihat malaikat Tuhan berdiri di jalan dengan pedang terhunus di tangannya. Maka membongkoklah dia dan sujud memberi hormat. ³² Sabda malaikat Tuhan kepadanya, “Mengapakah kamu memukul keldaimu sampai tiga kali? Ketahuilah, Aku keluar sebagai lawanmu, kerana ketelanjangan

kelakuanmu di hadapan-Ku. ³³ Keldai ini melihat Aku dan sudah tiga kali menyimpang dari hadapan-Ku. Kalau keldai itu tidak menyimpang dari hadapan-Ku, tentulah kamu sudah Kubunuh, dan keldai itu Kubiarkan hidup.”

³⁴ Kata Bileam kepada malaikat Tuhan, “Hamba telah berdosa kerana hamba tidak tahu bahawa Engkau berdiri di jalan mengadang hamba. Sekarang, jika Engkau tidak berkenan akan hal ini, maka hamba hendak pulang.”

³⁵ Sabda malaikat Tuhan kepada Bileam, “Pergilah bersama dengan orang itu, tetapi hanya katakan apa yang Kusabdakan kepadamu sahaja.” Maka pergilah Bileam bersama-sama orang besar Balak.

Bertemulah Bileam dengan Balak

³⁶ Setelah Balak mendengar bahawa Bileam sudah tiba, keluarlah dia menyongsong Bileam ke kota Moab yang terletak di perbatasan Sungai Arnon, di hujung perbatasan daerahnya.

³⁷ Kemudian Balak berkata kepada Bileam, “Bukankah aku sudah mengutus orang untuk memanggil kamu? Mengapakah kamu tidak mahu datang kepadaku? Tidakkah aku mampu memberi hormat kepada kamu?”

³⁸ Jawab Bileam kepada Balak, “Nah, aku sudah datang kepadamu sekarang! Tetapi adakah

mungkin aku dapat mengatakan sesuatu? Firman yang diberitahukan Allah kepadaku, itulah yang akan kukatakan.”³⁹ Kemudian Bileam pergi bersama dengan Balak, dan sampailah mereka di Kiryat-Huzot.⁴⁰ Balak mengorbankan beberapa ekor daripada kawanan lembu dan kawanan domba lalu mengirimkannya pula kepada Bileam serta orang besar yang menyertainya.

⁴¹ Pagi harinya Balak memanggil Bileam dan membawanya ke Bamot-Baal. Dari sana dia melihat sebahagian daripada bangsa Israel.

Bileam memberkati orang Israel

23¹ Kata Bileam kepada Balak, “Dirikanlah bagiku di sini tujuh buah mazbah, iaitu tempat pembakaran korban, dan sediakanlah bagiku di sini tujuh ekor lembu jantan serta tujuh ekor domba jantan.”

² Balak melakukan seperti yang dikatakan Bileam, lalu Balak dan Bileam mempersembahkan seekor lembu jantan dan seekor domba jantan di atas setiap mazbah itu.³ Setelah itu Bileam berkata kepada Balak, “Berdirilah di samping korban bakaranmu sementara aku pergi. Mungkin Tuhan akan datang menemuiku, dan apa-apa pun yang dinyatakan-Nya kepadaku akan kuberitahukan kepadamu.” Lalu pergilah dia ke sebuah bukit yang gondol.⁴ Allah menemui

Bileam, dan Bileam berkata kepada-Nya, “Aku telah mengatur tujuh buah mazbah, dan di atas setiap mazbah itu telah kupersembahkan seekor lembu jantan dan seekor domba jantan.”

⁵ Tuhan pun memberitahukan kepada Bileam apa yang harus dikatakannya lalu berfirman, “Kembalilah kepada Balak dan katakanlah demikian.” ⁶ Ketika Bileam kembali kepadanya, tampak Balak masih berdiri di samping korban bakarnya, disertai semua pembesar Moab.

⁷ Kemudian Bileam mengungkap ucapannya:

“Dari Aram, dari gunung-gunung wilayah timur, aku dijemput oleh Balak, raja Moab.

Katanya, ‘Datanglah, kutuklah Yakub bagiku. Datanglah, kecamlah Israel.’

⁸ Bagaimana mungkin aku mengutuk yang tidak dikutuk Allah?

Bagaimana mungkin aku mengecam yang tidak dikecam Tuhan?

⁹ Dari puncak gunung batu aku melihat mereka, dari atas bukit aku memandang mereka.

Lihat, suatu bangsa yang diam tersendiri dan tidak mahu diperhitungkan antara kalangan bangsa.

¹⁰ Siapa dapat memperhitungkan debu Yakub, atau membilang seperempat bahagian daripada orang Israel?

Biarlah aku mati seperti matinya orang jujur,

dan biarlah kesudahan aku seperti kesudahan mereka.”

¹¹ Maka kata Balak kepada Bileam, “Apakah yang kaulakukan terhadapku? Aku menjemput kamu supaya kamu mengutuk musuhku, tetapi kamu malah mengucapkan berkat ke atas mereka.”

¹² Jawabnya, “Bukankah aku harus berhati-hati supaya aku mengatakan apa yang diberitahukan Tuhan kepadaku?”

¹³ Kemudian kata Balak kepadanya, “Mari pergi bersama-samaku ke tempat lain. Dari sana kamu dapat melihat mereka. Kamu akan melihat sebahagian sahaja daripada mereka, tidak semuanya. Kutuklah mereka untukku dari sana.” ¹⁴ Dibawanya Bileam ke Padang Zofim, ke puncak Gunung Pisga. Di situ dia mendirikan tujuh buah mazbah, dan di atas setiap mazbah itu dipersembhkannya seekor lembu jantan dan seekor domba jantan.

¹⁵ Bileam pun berkata kepada Balak, “Berdirilah di sini, di samping korban bakaranmu, sementara aku bertemu dengan Tuhan di sana.”

¹⁶ Lalu Tuhan menemui Bileam, memberitahukan kepadanya apa yang harus dikatakannya dan berfirman, “Kembalilah kepada Balak dan katakanlah demikian.” ¹⁷ Ketika dia sampai kepada Balak, tampak Balak masih

berdiri di samping korban bakarannya disertai orang besar Moab. Balak bertanya kepadanya, “Apakah yang difirmankan Tuhan?”

¹⁸ Bileam pun berwacana, katanya,

“Marilah, hai Balak, dengarlah.

Perhatikanlah aku, hai anak Zipor.

¹⁹ Allah bukanlah manusia sehingga Dia berbohong,

bukan anak manusia sehingga Dia menyesal dan berubah pikiran.

Jika Dia berfirman, masakan Dia melakukannya?

Jika Dia berbicara, tidak akankah Dia laksanakannya?

²⁰ Sesungguhnya, aku menerima perintah untuk mengucapkan berkat.

Jika Dia memberkati, aku tidak dapat mengubahnya.

²¹ Tidak dilihat-Nya kejahatan pada Yakub, kezaliman pun tidak nampak pada Israel.

Tuhan, Allah mereka, menyertai mereka dan sorak seorang Raja ada dalam kalangan mereka.

²² Allah, yang membawa orang itu keluar dari Mesir,

dan Dialah seperti tanduk lembu liar bagi mereka.

²³ Sesungguhnya, tidak ada mantera yang ampuh terhadap Yakub,

tidak ada tenungan yang menawan Israel. Pada waktunya akan dikatakan tentang Yakub dan tentang Israel, 'Lihat, apa yang dikerjakan Allah!'

²⁴ Lihat, bangsa itu bangkit seperti singa betina, dan berdiri tegak seperti singa jantan. Mereka tidak akan berbaring sebelum memakan mangsanya dan meminum darah daripada yang dibunuhnya."

²⁵ Maka kata Balak kepada Bileam, "Jika kamu sekali-kali tidak mahu mengutuk mereka, janganlah sekali-kali kauucapkan berkat ke atas mereka!"

²⁶ Tetapi jawab Bileam kepada Balak, "Bukankah telah kukatakan kepadamu bahawa semua yang difirmankan Tuhan akan kulakukan?"

²⁷ Balak berkata lagi kepada Bileam, "Mari pergi. Aku akan membawamu ke tempat lain. Siapa tahu Allah memperkenankan kamu mengutuk mereka untukku dari sana." ²⁸ Kemudian Balak membawa Bileam ke puncak Gunung Peor yang menghadap ke gurun. ²⁹ Kata Bileam kepada Balak, "Dirikanlah bagiku di sini tujuh buah mazbah, dan sediakanlah bagiku di sini tujuh ekor lembu jantan serta tujuh ekor domba jantan."

³⁰ Balak melakukan seperti yang dikatakan Bileam dan mempersembahkan seekor lembu

jantan dan seekor domba jantan di atas setiap mazbah itu.

Bileam berucap sekali lagi

24 ¹ Setelah Bileam melihat bahawa Tuhan berkenan memberkati Israel, maka dia tidak lagi pergi mencari tanda seperti sebelumnya, tetapi dia menghadapkan wajahnya ke arah gurun. ² Bileam melayangkan pandangannya dan melihat orang Israel yang sedang berkhemah mengikut suku masing-masing. Lalu turunlah Roh Allah ke atasnya, ³ lalu dia mengucap ungapannya:

“Pernyataan Bileam anak Beor,
pernyataan orang yang matanya kini terbuka.

⁴ Pernyataan orang yang mendengar firman
Allah

dan mendapat penglihatan daripada Yang
Maha Kuasa;

yang rebah namun matanya tersingkap.

⁵ Betapa eloknya khemah-khemahmu, wahai
Yakub,

dan tempat-tempat kediamanmu, wahai Israel.

⁶ Semuanya bagaikan lembah yang terbentang,
bagaikan taman di pesisiran sungai,

bagaikan pokok gaharu yang ditanam oleh
Tuhan,

bagaikan pokok araz di tepi air.

⁷ Air mengalir daripada timbanya dan benihnya mendapat banyak air.

Rajanya akan lebih tinggi daripada Agag, dan kerajaannya akan diagungkan.

⁸ Allah, yang membawanya keluar dari Mesir, dan baginya Allah seperti tanduk lembu liar. Dia akan melahap bangsa-bangsa yang menjadi lawannya, menghancurkan tulang-tulang mereka, dan meremukkan mereka dengan anak-anak panahnya.

⁹ Dia merunduk, mendekam seperti singa jantan

atau singa betina. Siapakah yang berani membangunkannya?

Diberkatilah orang yang mengucapkan berkat atasmu,

dan terkutuklah orang yang mengutuk kamu!”

¹⁰ Maka menyyalalah amarah Balak terhadap Bileam. Ditepuknya kedua-dua tangannya lalu berkatalah dia kepada Bileam, “Aku memanggil kamu untuk mengutuk musuhku, tetapi kamu malah mengucapkan berkat ke atas mereka hingga tiga kali! ¹¹ Sekarang, nyahlah kamu! Pulanglah ke tempatmu! Aku pernah berkata bahawa aku akan membuat kamu kaya.

Tetapi lihat, Tuhan tidak mengizinkan kamu memperoleh kekayaan itu.”

¹² Kata Bileam kepada Balak, “Bukankah telah kukatakan kepada orang utusan yang kaukirim kepadaku, ¹³ bahwa sekalipun Balak memberikan kepadaku perak dan emas yang memenuhi sebuah istana, aku tidak dapat melanggar firman Tuhan untuk melakukan hal yang baik atau jahat atas niat hatiku sendiri. Apa yang difirmankan Tuhan, itulah yang akan kukatakan.

¹⁴ Jadi, sekarang aku akan kembali kepada bangsaku. Tetapi marilah, akan kuberitahukan kepadamu apa yang akan dilakukan bangsa itu terhadap bangsamu pada kemudian hari.”

¹⁵ Lalu berwacanalah dia, katanya,

“Pernyataan Bileam anak Beor,
pernyataan orang yang matanya kini terbuka.

¹⁶ Pernyataan orang yang mendengar firman

Allah,

dan mengetahui ilmu pengetahuan daripada

Yang Maha Tinggi

dan mendapat penglihatan daripada Yang

Maha Kuasa;

yang rebah namun matanya tersingkap:

¹⁷ Aku melihat dia tetapi bukan sekarang.

Aku memandang dia tetapi bukan dari dekat.

Sebuah bintang akan terbit daripada Yakub,

sebuah cokmar pemerintahan akan timbul dari
Israel,

yang akan meremukkan dahi segala bani Moab
dan merobohkan semua bani Set.

¹⁸ Edom akan diduduki, dan Seir juga,
musuhnya akan kehilangan semua milik
mereka,

sedangkan Israel akan melakukan perbuatan
yang gagah perkasa.

¹⁹ Daripada Yakub akan muncul seorang penuh
berkuasa,

yang akan membinasakan orang yang
terselamat daripada kota-kota raya.”

²⁰ Kemudian dia memandang orang Amalek lalu
menyambung wacananya, katanya,

“Amalek adalah yang pertama dalam
bangsa-bangsa,
tetapi kesudahannya ialah kemusnahan yang
mutlak.”

²¹ Dia memandang pula orang Keni lalu
berwacana lagi, katanya,

“Memang kukuh tempat kediamanmu,
sarangmu terletak di bukit batu.

²² Namun demikian, orang Keni akan musnah.
Tidak lama lagi Asyur akan menawan kamu.”

²³ Dia meneruskan lagi wacananya, katanya,
“Aduh! Siapa yang akan hidup
ketika Allah melakukan hal itu?”

²⁴ Namun demikian, akan datang kapal-kapal dari pesisir Siprus, menindas Asyur serta Eber, lalu dia juga kelak menerima kebinasaan yang mutlak.”

²⁵ Setelah itu, Bileam segera kembali ke tempat tinggalnya, dan begitu juga halnya dengan Balak.

Penyembahan Baal di Peor

25 ¹ Sewaktu orang Israel berkelana di Sitim, umat itu mula berzina dengan perempuan bani Moab. ² Para perempuan itu memujuk orang Israel untuk mengikuti upacara korban sembelihan bagi tuhan mereka lalu umat itu pun turut makan dan sujud menyembah tuhan mereka. ³ Dengan demikian, orang Israel turut beribadat kepada Baal di Peor itu sehingga menyala-nyalalah kemurkaan Tuhan terhadap orang Israel. ⁴ Firman Tuhan kepada Musa, “Tangkaplah semua ketua suku bangsa itu dan gantunglah mereka di bawah cahaya matahari di hadapan Tuhan, supaya teralihilah kemurkaan Tuhan yang sedang menyala-nyala terhadap Israel itu.” ⁵ Maka kepada para hakim orang Israel, berkatalah Musa, “Hendaklah masing-masing membunuh mana-mana orang kamu yang telah turut beribadat kepada Baal di Peor.”

⁶ Ketika Musa dan seluruh kalangan umat Israel sedang menangis di depan pintu Khemah Pertemuan itu, muncullah di hadapan mata mereka seorang daripada kalangan orang Israel yang membawa seorang perempuan Midian kepada sanak saudaranya. ⁷ Melihat hal itu, segeralah Pinehas anak Eleazar anak Imam Harun meninggalkan umat itu lantas diambalnya sebuah tombak ⁸ dan dikejanya orang Israel itu sampai ke dalam khemah, lalu ditikamnya perut mereka berdua, iaitu orang Israel serta perempuan itu. Maka wabak yang melanda orang Israel itu pun berhenti. ⁹ Orang Israel yang mati kerana wabak itu seramai dua puluh empat ribu orang semuanya.

¹⁰ Firman Tuhan kepada Musa, ¹¹ “Pinehas anak Eleazar anak Imam Harun telah menyurutkan kemurkaan-Ku terhadap orang Israel. Begitu bersemangat dia membela kehormatan-Ku di tengah-tengah mereka, sehingga Aku tidak memusnahkan semua orang Israel dalam cemburu-Ku. ¹² Oleh sebab itu katakanlah bahawa sesungguhnya Aku mengurniakan kepadanya perjanjian damai-Ku. ¹³ Dia dan keturunannya kelak akan memperoleh perjanjian jawatan imam untuk selama-lamanya, kerana dia begitu bersemangat membela Allahnya serta mengusahakan pendamaian bagi orang Israel.”

¹⁴ Nama orang Israel yang mati dibunuh bersama dengan perempuan Midian itu ialah Zimri anak Salu, seorang pemimpin kaum keluarga Simeon ¹⁵ manakala nama perempuan Midian yang dibunuh itu ialah Kozbi anak Zur. Zur ialah seorang ketua suku daripada kaum keluarga orang Midian.

¹⁶ Firman Tuhan kepada Musa, ¹⁷ “Lawanlah orang Midian dan tewaskanlah mereka, ¹⁸ kerana mereka telah melawan kamu dengan tipu daya. Mereka memperdayakan kamu, baik dalam hal Peor mahupun dalam hal Kozbi, saudara perempuan mereka, anak pemimpin Midian yang dibunuh pada waktu wabak melanda atas sebab musibah Peor.”

Bancian kedua diperlukan

26 ¹ Sesudah peristiwa wabak itu, Tuhan berfirman kepada Musa dan Eleazar, anak Imam Harun, ² “Adakanlah bancian ke atas seluruh kalangan umat Israel, khususnya orang yang berumur dua puluh tahun ke atas menurut kaum keluarga mereka, dan yang berkemampuan untuk berperang.” ³ Maka Musa dan Imam Eleazar berkata kepada mereka di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho, ⁴ “Hitunglah

orang yang berumur dua puluh tahun ke atas” seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

Iniilah orang Israel yang keluar dari Tanah Mesir:

⁵ Keturunan Ruben, anak Israel yang sulung: kaum Henokh, daripada Henokh; kaum Palu, daripada Palu; ⁶ kaum Hezron, daripada Hezron; kaum Karmi, daripada Karmi. ⁷ Itulah kaum-kaum bani Ruben. Jumlah mereka yang terhitung ialah seramai 43,730 orang. ⁸ Anak Palu ialah Eliab, ⁹ sedangkan anak-anak Eliab ialah Nemuel, Datan, dan Abiram. Inilah Datan dan Abiram yang terpilih daripada kalangan umat, namun yang kemudian melawan Musa dan Harun dalam kumpulan Korah ketika orang itu melawan Tuhan. ¹⁰ Pada waktu itu, bumi mengangakan mulutnya dan menelan mereka bersama dengan Korah dan kumpulannya, iaitu 250 orang pengikutnya, mati dimakan api. Mereka menjadi suatu tanda amaran. ¹¹ Tetapi anak-anak Korah tidak ikut mati.

¹² Keturunan Simeon menurut kaum-kaum mereka: kaum Nemuel, daripada Nemuel; kaum Yamin, daripada Yamin; kaum Yakhin, daripada Yakhin; ¹³ kaum Zerah, daripada Zerah; kaum Saul, daripada Saul. ¹⁴ Itulah kaum-kaum bani Simeon, berjumlah 22,200 orang.

¹⁵ Keturunan Gad menurut kaum-kaum mereka: kaum Zefon, daripada Zefon; kaum Hagi, daripada

Hagi; kaum Syuni, daripada Syuni; ¹⁶ kaum Ozni, daripada Ozni; kaum Eri, daripada Eri; ¹⁷ kaum Arod, daripada Arod; kaum Areli, daripada Areli. ¹⁸ Itulah kaum-kaum bani Gad. Jumlah yang terhitung ialah seramai 40,500 orang.

¹⁹ Anak-anak Yehuda: Er dan Onan. Tetapi Er dan Onan mati di Tanah Kanaan. ²⁰ Keturunan Yehuda menurut kaum-kaum mereka: kaum Syela, daripada Syela; kaum Peres, daripada Peres; kaum Zerah, daripada Zerah. ²¹ Keturunan Peres: kaum Hezron, daripada Hezron; kaum Hamul, daripada Hamul. ²² Itulah kaum-kaum bani Yehuda. Jumlah yang terhitung ialah seramai 76,500 orang.

²³ Keturunan Isakhar menurut kaum-kaum mereka: kaum Tola, daripada Tola; kaum Pua, daripada Pua; ²⁴ kaum Yasub, daripada Yasub; kaum Simron, daripada Simron. ²⁵ Itulah kaum-kaum bani Isakhar. Jumlah yang terhitung ialah seramai 64,300 orang.

²⁶ Keturunan Zebulon menurut kaum-kaum mereka: kaum Sered, daripada Sered; kaum Elon, daripada Elon; kaum Yahleel, daripada Yahleel. ²⁷ Itulah kaum-kaum bani Zebulon. Jumlah yang terhitung ialah seramai 60,500 orang.

²⁸ Keturunan Yusuf menurut kaum-kaum mereka, daripada Manasye dan Efraim ialah:

²⁹ Keturunan Manasye: kaum Makhir, daripada Makhir; kaum Gilead, daripada Gilead, anak Makhir. ³⁰ Keturunan Gilead: kaum Iezer, daripada Iezer; kaum Helek, daripada Helek; ³¹ kaum Asriel, daripada Asriel; kaum Sekhem, daripada Sekhem; ³² kaum Semida, daripada Semida; kaum Hefer, daripada Hefer. ³³ Zelafehad anak Hefer tidak mempunyai anak lelaki, melainkan anak perempuan sahaja. Nama anak-anak perempuan Zelafehad ialah Mahla, Noa, Hogla, Milka, dan Tirza. ³⁴ Itulah kaum-kaum bani Manasye. Jumlah yang terhitung ialah seramai 52,700 orang.

³⁵ Keturunan Efraim menurut kaum-kaum mereka: kaum Sutelah, daripada Sutelah; kaum Bekher, daripada Bekher; kaum Tahan, dan daripada Tahan. ³⁶ Keturunan Sutelah: kaum Eran, daripada Eran. ³⁷ Itulah kaum-kaum bani Efraim. Jumlah yang terhitung ialah seramai 32,500 orang. Itulah keturunan Yusuf menurut kaum-kaum mereka.

³⁸ Keturunan Benyamin menurut kaum-kaum mereka: kaum Bela, daripada Bela; kaum Asybel, daripada Asbel; kaum Ahiram, daripada Ahiram; ³⁹ kaum Sefufam, dari Sefufam; kaum Hufam, daripada Hufam. ⁴⁰ Anak-anak Bela: Ared dan Naaman. Kaum Ared ialah daripada Ared; dan kaum Naaman adalah daripada Naaman. ⁴¹ Itulah

keturunan Benyamin menurut kaum-kaum mereka. Jumlah yang terhitung ialah seramai 45,600 orang.

⁴² Keturunan Dan menurut kaum mereka: kaum Suham, daripada Suham. Itulah kaum bani Dan.

⁴³ Jumlah seluruh kaum Suham yang terhitung ialah seramai 64,400 orang.

⁴⁴ Keturunan Asyer menurut kaum-kaum mereka: kaum Yimna, daripada Yimna; kaum Yiswi, daripada Yiswi; kaum Beria, daripada Beria. ⁴⁵ Keturunan Beria: kaum Heber, daripada Heber; kaum Malkiel, daripada Malkiel. ⁴⁶ Nama anak perempuan Asyer ialah Serah. ⁴⁷ Itulah kaum-kaum bani Asyer. Jumlah yang terhitung ialah seramai 53,400 orang.

⁴⁸ Keturunan Naftali menurut kaum-kaum mereka: kaum Yahzeel, daripada Yahzeel; kaum Guni, daripada Guni; ⁴⁹ kaum Yezer, daripada Yezer; kaum Syilem, daripada Syilem. ⁵⁰ Itulah kaum-kaum bani Naftali. Jumlah yang terhitung ialah seramai 45,400 orang.

⁵¹ Itulah jumlah orang yang terhitung daripada orang Israel iaitu seramai 601,730 orang.

⁵² Tuhan berfirman kepada Musa, ⁵³ "Kepada suku-suku itulah harus kaubahagikan tanah menjadi harta pusaka mereka berasaskan jumlah

nama yang ada. ⁵⁴ Kepada suku yang jumlah orangnya ramai, berilah harta pusaka yang besar, sedangkan kepada suku yang jumlah orangnya sedikit, berilah harta pusaka yang kecil. Masing-masing suku harus diberi harta pusaka berdasarkan jumlah orang yang terhitung.

⁵⁵ Akan tetapi, tanah itu harus dibahagikan dengan cara membuang undi. Oleh itu, hendaklah mereka mendapatkan harta pusaka mengikut nama suku-suku bapa leluhur mereka, ⁵⁶ dan hendaklah harta pusaka itu dibahagikan dalam kalangan mereka berdasarkan undian, baik bagi suku yang ramai jumlah orangnya mahupun yang sedikit.”

⁵⁷ Inilah orang yang dijumlahkan daripada bani Lewi menurut kaum-kaum mereka: kaum Gerson, daripada Gerson; kaum Kehat, daripada Kehat; kaum Merari, daripada Merari. ⁵⁸ Kaum yang lain daripada bani Lewi: kaum Libni, kaum Hebron, kaum Mahli, kaum Musi, kaum Korah. Kehat mempunyai anak, iaitu Amram. ⁵⁹ Nama isteri Amram ialah Yokhebed anak Lewi, yang lahir bagi Lewi di Mesir. Bagi Amram perempuan itu melahirkan Harun, Musa, dan Miryam, saudara mereka yang perempuan. ⁶⁰ Bagi Harun lahirlah Nadab, Abihu, Eleazar, dan Itamar. ⁶¹ Nadab dan

Abihu mati ketika mereka mempersembahkan api yang tidak layak di hadapan Tuhan. ⁶² Jumlah yang terhitung ialah seramai 23,000 orang, semuanya lelaki yang berumur satu bulan ke atas. Mereka tidak dihitungkan bersama-sama orang Israel lainnya, kerana mereka tidak diberi harta pusaka dalam kalangan orang Israel.

⁶³ Itulah orang yang terhitung jumlahnya oleh Musa dan Imam Eleazar ketika kedua-duanya menghitung orang Israel di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho. ⁶⁴ Antara orang ini tidak ada seorang pun yang dahulu dihitungkan oleh Musa dan Imam Harun ketika mereka menghitung orang Israel di Gurun Sinai, ⁶⁵ kerana tentang orang itu Tuhan telah berfirman, “Sesungguhnya, orang itu pasti mati di gurun.” Daripada mereka itu tiada seorang pun yang masih hidup selain Kaleb anak Yefune dan Yosua anak Nun.

Undang-undang pewarisan khas

27 ¹ Kemudian datanglah anak-anak perempuan Zelafehad anak Hefer anak Gilead anak Makhir anak Manasye, daripada kaum Manasye anak Yusuf. Nama-nama mereka ialah Mahla, Noa, Hogla, Milka, dan Tirza.

² Berdirilah mereka menghadap Musa, Imam Eleazar, para pemimpin, serta seluruh umat itu di depan pintu Khemah Pertemuan lalu berkata, ³ “Ayah kami telah meninggal di gurun. Dia bukan antara pengikut Korah yang bermuafakat untuk melawan Tuhan, melainkan dia meninggal kerana dosanya sendiri. Akan tetapi, dia tidak mempunyai anak lelaki. ⁴ Mengapakah nama ayah kami harus lenyap daripada kaumnya hanya kerana dia tidak mempunyai anak lelaki? Jadi, berilah kami tanah milik daripada kalangan saudara-saudara ayah kami.”

⁵ Musa menyampaikan perkara mereka itu ke hadirat Tuhan. ⁶ Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Musa, ⁷ “Kata-kata anak-anak perempuan Zelafehad itu benar. Hendaklah kamu memberikan kepada mereka tanah harta pusaka dalam kalangan saudara-saudara ayah mereka, dan hendaklah kamu memindahkan harta pusaka ayah mereka kepada mereka. ⁸ Katakan pula kepada orang Israel, ‘Jika seseorang mati tanpa mempunyai anak lelaki, maka hendaklah kamu memindahkan harta pusakanya kepada anak-anak perempuannya. ⁹ Jika dia tidak mempunyai anak perempuan, berikanlah harta pusakanya kepada saudara-saudara

lelakinya. ¹⁰ Jika dia tidak mempunyai saudara lelaki, berikanlah harta pusakanya kepada saudara-saudara lelaki ayahnya. ¹¹ Jika ayahnya tidak mempunyai saudara lelaki, berikanlah harta pusakanya kepada kerabat terdekat daripada kalangan kaumnya untuk menjadi miliknya.' ”

Itulah ketetapan hukum yang harus berkuat kuasa ke atas orang Israel, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

Yosua menggantikan Musa

¹² Tuhan berfirman kepada Musa, “Naiklah ke Gunung Abarim itu dan lihatlah negeri yang telah Kukurniakan kepada orang Israel. ¹³ Sesudah kamu melihatnya, kamu pun akan dikumpulkan bersama-sama kaum leluhurmu seperti abangmu Harun, ¹⁴ sebab kamu berdua telah menderhaka terhadap firman-Ku di Gurun Zin pada waktu berlakunya pertengkaran dalam kalangan umat, sehingga kamu tidak menyatakan kesucian-Ku di hadapan mata mereka di mata air itu.” Itulah mata air Meriba dekat Kadesh, di Gurun Zin.

¹⁵ Kata Musa kepada Tuhan, ¹⁶ “Biarlah Tuhan, Allah atas roh semua manusia, melantik daripada umat ini seorang ¹⁷ yang akan memimpin

27:12: Ul 3:23-27; 32:48-52.

27:17: 1Raj 22:17; Yeh 34:5; Mat 9:36; Mrk 6:34.

pergerakan mereka dan yang akan membawa mereka keluar masuk, supaya jangan umat Tuhan seperti domba-domba yang tidak bergembala.”

¹⁸ Firman Tuhan kepada Musa, “Panggillah Yosua anak Nun, seorang yang penuh dengan Roh, lalu letakkanlah tanganmu atasnya.

¹⁹ Setelah itu, hadapkanlah dia kepada Imam Eleazar dan kepada seluruh umat, lalu berilah amanat kepadanya di hadapan mata mereka.

²⁰ Kamu pun harus memberinya sebahagian daripada kewenanganmu, supaya seluruh umat Israel mentaatinya. ²¹ Hendaklah dia berdiri di depan Imam Eleazar yang akan menanyakan petunjuk baginya melalui keputusan Urim di hadapan Tuhan. Atas kata-kata imam itu, mereka akan keluar dan atas kata-kata imam itu, mereka akan masuk baik Yosua mahupun semua orang Israel, iaitu seluruh kalangan umat itu.” ²² Maka Musa melakukan segala-galanya seperti yang diperintahkan Tuhan kepadanya. Dia memanggil Yosua lalu menghadapkannya kepada Imam Eleazar serta kepada seluruh umat. ²³ Kemudian dia meletakkan tangannya ke atas Yosua dan memberikan amanat kepadanya, seperti yang

27:18: Kel 24:13. **27:21:** Kel 28:30; 1Sam 14:41; 28:6.

27:23: Ul 31:23.

telah difirmankan Tuhan dengan perantaraan Musa.

Persembahan harian

28¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Perintahkanlah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Ingatlah baik-baik, pada waktu yang telah ditetapkan, hendaklah kamu bawa persembahan kepada-Ku, iaitu santapan berupa korban bakaran, yang keharumannya diredai Tuhan.’

³ Katakanlah pula kepada mereka, ‘Inilah korban yang dibakar, yang harus kamu persembahkan secara tetap setiap hari kepada Tuhan, iaitu dua ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela sebagai korban bakaran.

⁴ Hendaklah kamu sediakan domba yang seekor pada waktu pagi dan yang seekor lagi itu pada waktu senja. ⁵ Selain itu, persembahkanlah juga sepersepuluh efa^u tepung terbaik yang dicampurkan dengan seperempat hin^v minyak zaitun yang ditumbuk sebagai persembahan bahan makanan. ⁶ Itulah korban bakaran tetap yang ditentukan di Gunung Sinai; korban bakaran berupa suatu keharuman yang meredakan

^u**28:5** Satu efa kira-kira 22 liter.

^v**28:5** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

dipersembahkan kepada Tuhan. ⁷ Persembahan minumannya ialah seperempat hin untuk setiap ekor domba. Curahkanlah minuman yang telah ditapai sebagai persembahan minuman kepada Tuhan di tempat suci. ⁸ Demikian pula halnya dengan domba yang seekor lagi itu, yang harus kamu sediakan pada waktu senja. Sama seperti persembahan bahan makanan pada pagi hari dan juga persembahan minumannya, begitu juga hendaklah kamu mempersembahkan korban bakaran, yang keharumannya diredai Tuhan.

Persembahan mingguan yakni pada hari Sabat

⁹ Persembahan untuk hari Sabat ialah dua ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela, dan dua persepuluh efa tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebagai persembahan bahan makanan, bersama-sama persembahan minumannya.

¹⁰ Itulah korban bakaran untuk setiap hari Sabat, selain korban bakaran yang tetap dan persembahan minumannya.

Persembahan bulanan

¹¹ Pada setiap awal bulan hendaklah kamu persembahkan kepada Tuhan korban bakaran berupa dua ekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, dan tujuh ekor anak domba

jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela. ¹² Selain itu persembahkanlah juga tiga persepuluh efa tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebagai persembahan bahan makanan untuk setiap ekor lembu jantan, dua persepuluh efa tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebagai persembahan bahan makanan untuk domba jantan yang seekor itu, ¹³ dan sepersepuluh efa tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebagai persembahan bahan makanan untuk setiap ekor anak domba jantan. Itulah korban bakaran yang berupa suatu keharuman yang meredakan dipersembahkan kepada Tuhan. ¹⁴ Bagi persembahan minuman ialah setengah hin air anggur bagi seekor lembu jantan, sepertiga hin untuk seekor domba jantan, dan seperempat hin untuk seekor anak domba. Itulah korban bakaran pada setiap bulan baru dalam setahun. ¹⁵ Hendaklah seekor kambing jantan disediakan juga untuk Tuhan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap berserta persembahan minumannya.

Persembahan Perayaan Roti Tidak Beragi

¹⁶ Hari keempat belas dalam bulan pertama ialah Paskah bagi Tuhan ¹⁷ manakala hari kelima belas dalam bulan itu ialah hari perayaan. Makanlah roti yang tidak beragi selama tujuh hari. ¹⁸ Pada hari pertama adakanlah perhimpunan jemaah yang suci, dan jangan lakukan sesuatu pekerjaan yang berat. ¹⁹ Persembahkanlah kepada Tuhan korban yang dibakar, iaitu korban bakaran berupa dua ekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, dan tujuh ekor anak domba jantan berumur setahun. Hendaklah semuanya tidak bercacat cela. ²⁰ Sebagai persembahan bahan makanannya sediakanlah tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun, tiga persepuluh efa untuk seekor lembu jantan, dua persepuluh efa untuk seekor domba jantan, ²¹ dan sepersepuluh efa untuk setiap ekor daripada ketujuh-tujuh ekor anak domba jantan itu. ²² Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa untuk mengadakan pendamaian bagimu. ²³ Sediakanlah semua itu, selain korban bakaran pagi yang termasuk korban bakaran

28:16: Kel 12:1-13; Ul 16:1,2.

28:17: Kel 12:14-20; 23:15; 34:18; Ul 16:3-8.

tetap. ²⁴ Demikianlah harus kamu sediakan setiap harinya selama tujuh hari santapan berupa korban bakaran, korban yang dibakar yang keharumannya diredai Tuhan, selain juga korban bakaran yang tetap dan persembahan minumannya. ²⁵ Pada hari ketujuh adakanlah perhimpunan jemaah yang suci, dan jangan lakukan sebarang pekerjaan biasa.

Hasil Tuaian Sulung

²⁶ Pada Hari Hasil Tuaian Sulung, ketika kamu mempersembahkan persembahan bahan makanan yang baru kepada Tuhan selama Perayaan Tujuh Minggu, adakanlah perhimpunan jemaah yang suci. Jangan lakukan sebarang pekerjaan biasa. ²⁷ Persembahkanlah korban bakaran, yaitu korban yang keharumannya diredai Tuhan, berupa dua ekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, dan tujuh ekor anak domba jantan berumur setahun. ²⁸ Sebagai persembahan bahan makanannya ialah tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun, tiga persepuluh efa untuk setiap lembu jantan, dua persepuluh efa untuk domba jantan yang seekor itu, ²⁹ dan sepersepuluh efa untuk setiap ekor daripada ketujuh-tujuh

anak domba jantan itu. ³⁰ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan untuk mengadakan pendamaian bagimu. ³¹ Sediakanlah semuanya bersama-sama persembahan minumannya, selain korban bakaran tetap dan persembahan bahan makanannya. Hendaklah kesemuanya tidak bercacat cela.

Perayaan Peniupan Nafiri

29 ¹ Pada hari pertama pada bulan ketujuh adakanlah perhimpunan jemaah yang suci, dan janganlah lakukan apa-apa kerja biasa. Itulah hari apabila hendaklah kamu meniup nafiri. ² Persembahkanlah korban bakaran, yaitu korban yang keharumannya diredai Tuhan, berupa seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, dan tujuh ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela. ³ Bagi persembahan bahan makanan persembahkanlah tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebanyak tiga persepuluh efa^w untuk lembu jantan, dua persepuluh efa untuk domba jantan, ⁴ dan sepersepuluh efa untuk setiap anak domba yang tujuh ekor itu. ⁵ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa untuk mengadakan pendamaian

^w29:3 Satu efa kira-kira 22 liter.

bagimu. ⁶ Semua itu sebagai tambahan bagi korban bakaran bulan baru dengan persembahan bahan makanannya, dan korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan serta persembahan minumannya menurut peraturan yang berkuat kuasa, iaitu korban yang dibakar, yang keharumannya diredai Tuhan.

Hari Pendamaian

⁷ Pada hari kesepuluh pada bulan ketujuh ini juga, adakanlah pula perhimpunan jemaah yang suci. Rendahkanlah dirimu dengan berpantang, dan jangan lakukan apa-apa pekerjaan pun.

⁸ Persembahkanlah korban bakaran yang keharumannya diredai Tuhan, iaitu seekor lembu jantan muda, seekor domba jantan, dan tujuh ekor anak domba jantan berumur setahun. Semuanya hendaklah tidak bercacat cela. ⁹ Bagi persembahan bahan makanan persembahkanlah tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebanyak tiga persepuluh efa untuk lembu jantan itu, dua persepuluh efa untuk domba jantan yang seekor itu, ¹⁰ dan sepersepuluh efa untuk setiap anak domba yang tujuh ekor itu. ¹¹ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain

korban penghapus dosa untuk mengadakan pendamaian dan korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan serta persembahan minumannya.

Perayaan Pondok Daun

¹² Pada hari kelima belas pada bulan ketujuh juga, adakanlah lagi perhimpunan jemaah yang suci, dan janganlah lakukan apa-apa pekerjaan biasa kamu. Hendaklah kamu raikan perayaan untuk Tuhan selama tujuh hari.

¹³ Persembahkanlah korban bakaran, iaitu korban yang dibakar yang keharumannya diredai Tuhan, berupa tiga belas ekor lembu jantan muda, dua ekor domba jantan, empat belas ekor anak domba jantan berumur setahun. Semuanya hendaklah tidak bercacat cela. ¹⁴ Bagi persembahan bahan makanan persembahkanlah tepung terbaik yang dicampurkan dengan minyak zaitun sebanyak tiga persepuluh efa untuk setiap lembu jantan daripada yang tiga belas ekor itu, dua persepuluh efa untuk setiap domba jantan yang dua ekor itu, ¹⁵ dan sepersepuluh efa untuk setiap anak domba yang empat belas ekor itu.

¹⁶ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban

bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

¹⁷ Pada hari kedua, persembahkanlah dua belas ekor lembu jantan muda, dua ekor domba jantan, empat belas ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela,

¹⁸ bersama-sama persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, serta anak-anak domba jantan itu menurut jumlah yang selaras dengan peraturan.

¹⁹ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

²⁰ Pada hari ketiga, persembahkanlah sebelas ekor lembu jantan, dua ekor domba jantan, empat belas ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela, ²¹ beserta persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, dan anak-anak domba jantan itu menurut jumlah yang selaras dengan peraturan. ²² Persembahkanlah

juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

²³ Pada hari keempat persembahkanlah sepuluh ekor lembu jantan, dua ekor domba jantan,

empat belas ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela, ²⁴ beserta persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, dan anak-anak domba jantan itu menurut jumlah yang selaras dengan peraturan. ²⁵ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

²⁶ Pada hari kelima persembahkanlah sembilan ekor lembu jantan, dua ekor domba jantan, empat belas ekor anak domba berumur setahun yang tidak bercacat cela, ²⁷ beserta persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, dan anak-anak domba jantan itu menurut jumlah yang selaras dengan peraturan. ²⁸ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

²⁹ Pada hari keenam persembahkanlah lapan ekor lembu jantan, dua ekor domba jantan, empat belas ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela, ³⁰ beserta persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, dan anak-anak

domba jantan itu menurut jumlah yang selaras dengan peraturan. ³¹ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

³² Pada hari ketujuh persembahkanlah tujuh ekor lembu jantan, dua ekor domba jantan, empat belas ekor anak domba jantan berumur setahun yang tidak bercacat cela, ³³ beserta persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, dan anak-anak domba jantan itu menurut jumlah yang selaras dengan peraturannya. ³⁴ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

³⁵ Pada hari kelapan adakanlah perhimpunan ramai, dan jangan lakukan apa-apa kerja biasa kamu. ³⁶ Persembahkanlah korban bakaran, yaitu korban yang dibakar yang keharumannya diredai Tuhan, berupa seekor lembu jantan, seekor domba jantan, tujuh ekor anak domba berumur setahun yang tidak bercacat cela, ³⁷ beserta persembahan bahan makanan dan persembahan minuman untuk lembu, domba, dan anak-anak domba jantan itu menurut jumlah yang

selaras dengan peraturan. ³⁸ Persembahkanlah juga seekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa, selain korban bakaran yang tetap dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya.

³⁹ Hendaklah semua itu kamu persembahkan kepada Tuhan pada hari-hari perayaan kamu sebagai korban bakaranmu, persembahan bahan makananmu, persembahan minumanmu, dan korban kedamaianmu, selain korban nazarmu dan korban sukarela kamu.' ”

⁴⁰ Musa pun menyampaikan kepada orang Israel segala sesuatu yang diperintahkan Tuhan kepadanya.

Nazar kaum perempuan

30 ¹ Musa berkata kepada ketua-ketua suku orang Israel, “Inilah perkara yang diperintahkan Tuhan. ² Jika seorang lelaki bernazar kepada Tuhan atau mengikat dirinya dengan mengangkat sumpah, dia tidak boleh melanggar sumpahnya, tetapi hendaklah dia berbuat sebagaimana yang telah dia sendiri ucapkan itu.

³ Jika seorang perempuan yang masih tinggal di rumah ayahnya pada masa mudanya bernazar

kepada Tuhan lantas dirinya terikat oleh suatu ikrar, ⁴ dan ayahnya mendengar nazar serta ikrar yang mengikat diri anaknya itu tetapi diam sahaja, maka segala nazarnya akan tetap berkuat kuasa dan segala ikrar yang mengikat dirinya akan tetap berkuat kuasa juga. ⁵ Tetapi sebaliknya, jika ayahnya mendengar dia bernazar itu lalu melarangnya, maka tidak berkuat kuasalah segala nazar dan ikrar yang mengikat dirinya itu. Tuhan akan mengampuninya, kerana ayahnya telah melarangnya.

⁶ Jika perempuan itu menjadi isteri seseorang ketika dia masih terikat di bawah sesuatu nazar atau kerana tidak berhati-hati dalam mengucapkan sesuatu, ⁷ dan suaminya mendengar tentang hal itu tetapi diam sahaja, maka segala nazarnya akan tetap berkuat kuasa dan segala ikrar yang mengikat dirinya akan tetap berkuat kuasa juga. ⁸ Tetapi sebaliknya, jika pada ketika suaminya mendengar perkara itu lantas melarangnya, maka batallah nazar yang bertanggung ke atas isterinya atau ucapan tidak berhati-hati yang mengikat isterinya itu, dan Tuhan akan mengampuni perempuan itu.

⁹ Apabila nazar diucapkan oleh seorang janda atau seorang perempuan yang telah diceraikan, maka segala sesuatu yang mengikat dirinya akan tetap berkuat kuasa atasnya.

¹⁰ Jika seorang isteri bernazar di rumah suaminya atau mengikatkan diri pada suatu ikrar dengan bersumpah, ¹¹ dan suaminya mendengar hal itu tetapi diam sahaja serta tidak melarangnya, maka segala nazarnya akan tetap berkuat kuasa dan segala ikrar yang mengikat dirinya akan tetap berkuat kuasa juga. ¹² Tetapi sebaliknya, jika suaminya membatalkan secara tegas ketika didengarnya hal itu, maka segala sesuatu yang diucapkan mulutnya, baik nazar mahupun ikrar yang mengikat dirinya, tidak akan berkuat kuasa. Suaminya telah membatalkannya, dan Tuhan akan mengampuni perempuan itu. ¹³ Setiap nazar atau ikrar sumpah yang diucapkan seorang isteri untuk merendahkan dirinya dengan berpantang boleh disahkan atau dibatalkan oleh suaminya. ¹⁴ Tetapi jika suaminya hanya diam sahaja dari hari demi hari, maka dengan demikian segala nazar isterinya atau segala ikrar yang bertanggung ke atas isterinya sah berkuat kuasa kerana dengan berdiam diri apabila mendengar hal itu, si suami mengesahkan berkuat kuasanya nazar dan ikrar isterinya. ¹⁵ Namun begitu, jika pada kemudian hari selepas mendengar hal itu dia membatalkan nazar dan ikrar itu, maka dialah yang perlu menanggung kesalahan isterinya itu.”

¹⁶ Itulah ketetapan-ketetapan yang diperintahkan Tuhan kepada Musa mengenai

hubungan antara seorang suami dengan isterinya, serta hubungan antara seorang ayah dengan anak perempuannya ketika anaknya itu masih muda dan masih tinggal di rumah ayahnya.

Pembalasan terhadap orang Midian dan Bileam

31 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa, ² “Lakukanlah pembalasan terhadap orang Midian ke atas segala perbuatan mereka terhadap orang Israel. Setelah itu, kamu akan dikumpulkan bersama dengan kaum leluhurmumu.”

³ Kata Musa kepada bangsa itu, “Hendaklah kamu persenjatoi beberapa orang daripada kalangan kamu untuk berperang. Hendaklah mereka serang Midian demi menjalankan pembalasan Tuhan terhadap Midian. ⁴ Hendaklah kamu hantar seribu orang daripada setiap suku di Israel untuk berperang.”

⁵ Maka dikerahkanlah ribuan orang Israel yang sanggup berperang, seribu orang dari setiap suku. Jadi, jumlah seluruhnya dua belas ribu orang. ⁶ Musa pun menghantar mereka, iaitu seribu orang daripada setiap suku itu, untuk berperang bersama-sama Pinehas, anak Imam Eleazar, yang membawa kelengkapan tempat suci serta segala nafiri yang memberikan isyarat semboyan di tangannya. ⁷ Lalu seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa, berperanglah

mereka melawan orang Midian, dan membunuh setiap lelaki. ⁸ Mereka juga berjaya membunuh kelima-lima orang raja orang Midian, iaitu Ewi, Rekem, Zur, Hur, dan Reba. Malahan riwayat Bileam anak Beor juga ditamatkan mereka dengan pedang.

⁹ Para warga perempuan Midian berserta anak-anak mereka ditawan oleh orang Israel. Semua haiwan, ternakan, dan segala harta benda mereka juga dijarah. ¹⁰ Selain itu, semua kota tempat kediaman mereka dan semua perkhemahan Midian dibakar. ¹¹ Orang Israel mengambil segala jarahan serta rampasan itu, termasuk juga haiwan dan para tawanan, ¹² lalu membawa semua itu kepada Musa, Imam Eleazar, dan umat Israel di perkhemahan mereka yang terletak di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho.

¹³ Kemudian Musa, Imam Eleazar, dan semua pemimpin umat itu pergi menyongsong mereka di luar perkhemahan. ¹⁴ Akan tetapi, Musa menjadi marah dengan ketua-ketua pasukan, iaitu para pemimpin pasukan setiap seribu orang dan para pemimpin pasukan setiap seratus orang yang pulang daripada peperangan. ¹⁵ Kata Musa kepada mereka, “Jadi, kamu membiarkan semua

perempuan hidup? ¹⁶ Ingat, atas nasihat Bileam, merekalah yang menyebabkan orang Israel berbuat mungkar terhadap Tuhan berhubungan dengan perkara Peor, sehingga wabak melanda umat Tuhan. ¹⁷ Sekarang, matikanlah semua anak lelaki mereka, juga semua perempuan yang pernah bersetubuh dengan lelaki. ¹⁸ Tetapi biarkanlah hidup semua anak perempuan yang belum pernah bersetubuh dengan lelaki, dan ambillah mereka bagimu. ¹⁹ Berkhemahlah di luar perkhemahan tujuh hari lamanya, hendaklah sesiapa pun yang telah membunuh orang serta menyentuh mayat orang yang tewas itu menyucikan diri pada hari ketiga dan ketujuh. Hal ini berkuat kuasa baik bagi kamu mahupun orang tawananmu. ²⁰ Sucikanlah juga setiap pakaian, setiap barang yang terbuat daripada kulit, daripada bulu kambing, serta daripada kayu.”

²¹ Maka berkatalah Imam Eleazar kepada pejuang yang telah pergi berperang, “Inilah ketetapan hukum yang diperintahkan Tuhan kepada Musa. ²² Hendaklah emas, perak, tembaga, besi, timah putih, dan timah hitam, ²³ iaitu segala sesuatu yang tahan api disucikan dalam api supaya menjadi suci. Tetapi kemudian

hendaklah barang-barang itu juga disucikan dengan air pembersih kecemaran. Manakala semua yang tidak tahan api hendaklah kamu celup ke dalam air. ²⁴ Cucilah pakaianmu pada hari ketujuh, maka kamu akan menjadi suci. Sesudah itu barulah kamu boleh masuk ke dalam perkhemahan.”

Pembahagian jarahan

²⁵ Tuhan berfirman kepada Musa, ²⁶ “Hendaklah kamu, Imam Eleazar, dan ketua-ketua kaum keluarga umat itu menghitung jumlah rampasan yang telah diangkut, baik manusia mahupun haiwan. ²⁷ Bahagikanlah rampasan itu menjadi dua bahagian, separuh untuk pasukan perang yang telah pergi bertempur, dan separuh lagi untuk seluruh umat. ²⁸ Daripada pejuang yang pergi bertempur, pungutlah ufti bagi Tuhan, iaitu satu daripada setiap lima ratus bilangan manusia, lembu, keldai, serta domba. ²⁹ Ambillah itu daripada separuh bahagian milik mereka, lalu serahkanlah kepada Imam Eleazar sebagai persembahan khusus kepada Tuhan. ³⁰ Sementara itu, dari separuh bahagian milik orang Israel ambillah satu daripada setiap lima puluh bilangan manusia, lembu, keldai, domba, serta segala haiwan, lalu serahkanlah kepada bani Lewi yang berkewajipan menguruskan

Khemah Suci Tuhan.”³¹ Maka Musa dan Imam Eleazar melakukan seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

³² Jumlah baki barang rampasan daripada jarahan yang diambil oleh pasukan perang itu ialah 675,000 ekor domba, ³³ 72,000 ekor lembu, ³⁴ dan 61,000 ekor keldai. ³⁵ Jumlah perempuan yang belum pernah bersetubuh dengan lelaki ialah 32,000 orang. ³⁶ Separuh bahagian yang menjadi milik orang yang pergi berperang berjumlah 337,500 ekor domba. ³⁷ Daripada domba itu, 675 ekor diserahkan kepada Tuhan sebagai ufti. ³⁸ Daripada lembu sejumlah 36,000 ekor, dan 72 ekor diserahkan kepada Tuhan sebagai ufti. ³⁹ Daripada keldai sejumlah 30,500 ekor, 61 ekor diserahkan kepada Tuhan sebagai ufti. ⁴⁰ Jumlah orang ialah 16,000, dan 32 orang daripada jumlah ini diserahkan kepada Tuhan sebagai ufti. ⁴¹ Kemudian Musa menyerahkan kepada Imam Eleazar ufti yang menjadi persembahan khusus bagi Tuhan, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa. ⁴² Separuh bahagian lagi ialah milik orang Israel, yang dipisahkan Musa daripada bahagian orang yang telah berperang. ⁴³ Separuh bahagian milik umat itu berjumlah 337,500 ekor domba, ⁴⁴ 36,000 ekor lembu, ⁴⁵ 30,500 ekor keldai, ⁴⁶ dan 16,000 orang manusia.

⁴⁷ Daripada separuh bahagian milik orang Israel itu, Musa mengambil satu dari setiap lima puluh bilangan manusia dan juga binatang, lalu menyerahkannya kepada bani Lewi yang berkewajipan menguruskan Khemah Suci Tuhan, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

⁴⁸ Kemudian orang yang mengetuai ribuan tentera itu, iaitu para pemimpin pasukan seribu orang dan para pemimpin pasukan seratus orang, datang menghadap Musa. ⁴⁹ Mereka berkata kepada Musa, “Hamba-hambamu ini telah menghitung jumlah pejuang yang ada di bawah pimpinan kami. Tiada seorang pun hilang daripada kalangan kami. ⁵⁰ Oleh sebab itu, kami membawa persembahan berupa barang-barang emas yang didapati oleh mereka masing-masing untuk dipersembahkan kepada Tuhan, iaitu gelang kaki, gelang tangan, cincin, anting-anting, dan gelang lengan supaya diadakan pendamaian bagi nyawa kami di hadapan Tuhan.” ⁵¹ Musa dan Imam Eleazar menerima emas itu daripada mereka. Semuanya ialah barang tempaan.

⁵² Seluruh emas persembahan khusus yang diserahkan kepada Tuhan oleh para pemimpin pasukan seribu orang dan para pemimpin pasukan seratus orang itu ialah 16,750 syikal beratnya. ⁵³ Para pejuang itu memang telah mengambil rampasan bagi diri masing-masing.

⁵⁴ Setelah Musa dan Imam Eleazar menerima emas itu daripada para pemimpin pasukan seribu orang dan pasukan seratus orang, mereka membawanya masuk ke Khemah Pertemuan sebagai tanda peringatan bagi orang Israel di hadapan Tuhan.

Bani Ruben dan bani Gad menetap di Tanah Gilead

32 ¹ Bani Ruben dan bani Gad mempunyai jumlah haiwan ternakan yang sangat besar dan apabila mereka melihat Tanah Yaezer dan Tanah Gilead, mereka menilai bahawa tempat itu baik untuk ternakan. ² Maka bani Gad dan bani Ruben datang kepada Musa, Imam Eleazar, serta para pemimpin umat lalu berkata, ³ “Atarot, Dibon, Yaezer, Nimra, Hesbon, Eleale, Sebam, Nebo, dan Beon, ⁴ iaitu tanah yang ditaklukkan Tuhan di hadapan umat Israel, ialah tanah yang baik untuk ternakan. Hamba-hambamu ini mempunyai banyak sekali ternakan.” ⁵ Kata mereka lagi, “Jika tuan berkenan, berikanlah kiranya tanah ini kepada hamba-hambamu ini sebagai milik. Jangan bawa kami ke seberang Sungai Yordan.”

⁶ Jawab Musa kepada bani Gad dan bani Ruben, “Patutkah saudara-saudaramu pergi berperang, sementara kamu tinggal di sini?

⁷ Mengapakah kamu membuat orang Israel tawar hati untuk menyeberang ke negeri yang dikurniakan Tuhan kepada mereka? ⁸ Begitulah yang dilakukan oleh kalangan bapa kamu ketika aku mengutus mereka dari Kadesh-Barnea untuk mengamati negeri itu. ⁹ Setelah mereka berjalan sampai ke Lembah Eskol dan mengamati negeri itu, mereka membuat orang Israel tawar hati sehingga mereka tidak mahu masuk ke negeri yang dikurniakan Tuhan kepada mereka. ¹⁰ Maka menyalalah murka Tuhan pada waktu itu dan Dia pun bersumpah demikian, ¹¹ 'Sesungguhnya, tiada seorang pun daripada orang yang berumur dua puluh tahun ke atas saat keluar dari Mesir akan melihat tanah yang Kujanjikan dengan bersumpah kepada Abraham, Ishak, dan Yakub, kerana mereka tidak mengikuti Aku dengan sepenuh hati. ¹² Tiada seorang pun daripada mereka akan melihat tanah itu kecuali Kaleb anak Yefune, orang Kenas itu, dan Yosua anak Nun, kerana kedua-duanya mengikuti Tuhan dengan sepenuh hati.' ¹³ Murka Tuhan menyala terhadap orang Israel sehingga dibuat-Nya mereka mengembara di gurun selama empat puluh tahun sehingga habis seluruh angkatan yang berbuat jahat di mata Tuhan. ¹⁴ Sekarang

kamu bangkit menggantikan kalangan bapa-bapa kamu, sekumpulan orang berdosa, untuk menambah lagi murka Tuhan terhadap orang Israel. ¹⁵ Jika kamu berbalik dan tidak lagi mengikuti Dia, maka Dia akan membuat umat terlantar lagi di gurun, sehingga kamu akan menyebabkan seluruh bangsa ini musnah.”

¹⁶ Mereka pun tampil mendekati Musa dan berkata, “Kami akan membina kandang-kandang bagi ternakan kami dan kota-kota bagi anak-anak kami di sini. ¹⁷ Namun demikian, kami sendiri akan segera mempersenjatai diri untuk maju di depan orang Israel sehingga kami membawa mereka ke tempat mereka. Sementara itu, anak-anak kami akan tinggal di kota-kota berkubu, terlindung daripada penduduk negeri ini. ¹⁸ Kami tidak akan kembali ke rumah kami sampai setiap orang daripada orang Israel mendapat bahagian harta pusaka masing-masing. ¹⁹ Kami pun tidak ingin memperoleh harta pusaka bersama-sama mereka di seberang Sungai Yordan sana dan sekitarnya, kerana kami telah memperoleh harta pusaka di sini, di seberang Sungai Yordan sebelah timur.”

²⁰ Kata Musa kepada mereka, “Jika itu yang hendak kamu lakukan, iaitu bahawa kamu akan mempersenjatai diri untuk berperang di hadapan Tuhan, ²¹ dan bahawa semua orang kamu yang

bersenjata mahu menyeberangi Sungai Yordan di hadapan Tuhan sampai Dia mengusir musuh-Nya dari hadapan-Nya ²² dan negeri itu tertakluk di hadapan Tuhan, maka sesudah itu kamu akan kembali dan bebas daripada kewajipanmu terhadap Tuhan dan terhadap orang Israel. Tanah ini pun akan menjadi milikmu di hadapan Tuhan. ²³ Akan tetapi, jika kamu tidak berbuat demikian, sesungguhnya kamu berdosa terhadap Tuhan dan ketahuilah, dosamu itu akan menimpa kamu. ²⁴ Bangunkanlah kota-kota untuk anak-anakmu dan kandang-kandang untuk kawanan dombamu, lalu lakukanlah apa yang telah kamu ucapkan.”

²⁵ Kemudian bani Gad dan bani Ruben berkata kepada Musa, “Hamba-hambamu ini akan berbuat seperti yang diperintahkan oleh tuanku. ²⁶ Anak-anak kami, isteri-isteri kami, ternakan kami, dan segala haiwan kami akan menetap di sini, di kota-kota Gilead ²⁷ manakala hamba-hambamu ini, iaitu semua orang yang sanggup berperang, akan menyeberang di hadapan Tuhan untuk berperang, seperti yang tuanku katakan.”

²⁸ Kemudian Musa memberikan perintah kepada Imam Eleazar, Yosua anak Nun, dan ketua kaum keluarga daripada suku-suku orang

Israel mengenai mereka. ²⁹ Kata Musa, “Jika bani Gad dan bani Ruben, khususnya orangnya yang bersenjata, mahu menyeberangi Sungai Yordan bersama-sama kamu untuk berperang di hadapan Tuhan, dan negeri itu sudah takluk kepadamu, maka berikanlah Tanah Gilead kepada mereka sebagai milik. ³⁰ Tetapi jika orang bersenjata mereka tidak menyeberang bersamamu, maka hendaklah mereka memperoleh tanah milik di tengah-tengah kamu di Tanah Kanaan.”

³¹ Jawab bani Gad dan bani Ruben, “Seperti yang difirmankan Tuhan kepada hamba-hambamu ini, demikianlah akan kami lakukan.

³² Kami sendiri akan menyeberang dengan bersenjata di hadapan Tuhan ke Tanah Kanaan, tetapi bagi kami, tanah harta pusaka kami tetaplah di seberang Sungai Yordan ini.”

³³ Lalu kepada mereka, iaitu bani Gad, bani Ruben, dan separuh suku Manasye anak Yusuf, Musa memberikan kerajaan Sihon raja bani Amori dan kerajaan Og raja Basan meliputi negeri serta kota-kotanya, termasuk kota-kota di sekeliling negeri itu. ³⁴ Kemudian bani Gad membina Dibon, Atarot, Aroer, ³⁵ Atarot-Sofan, Yaezer, Yogbeha, ³⁶ Bet-Nimra, dan Bet-Haran menjadi kota-kota yang berkubu dan tempat bagi segala kandang bagi kawanan domba mereka.

³⁷ Bani Ruben pula membina Hesbon, Eleale,

Kiryataim, ³⁸ Nebo, Baal-Meon (nama-namanya diubah), dan Sibma. Lalu kota-kota yang dibangun mereka itu diberikan mereka nama lain.

³⁹ Bani Makhir anak Manasye pergi ke Gilead lalu merebut tanah itu dan mengusir bani Amori yang tinggal di sana. ⁴⁰ Musa memberikan Gilead kepada Makhir anak Manasye, dan dia pun tinggal di sana. ⁴¹ Yair, seorang daripada keturunan Manasye, pergi merebut kota-kota kecilnya dan menamainya Hawot-Yair. ⁴² Nobah pergi merebut Kenat dengan kampung-kampungnya dan menamainya Nobah, menurut namanya sendiri.

Perjalanan orang Israel

33 ¹ Inilah peringkat perjalanan orang Israel, pasukan demi pasukan, setelah mereka keluar dari Tanah Mesir di bawah pimpinan Musa dan Harun. ² Musa menuliskan titik permulaan perjalanan mereka menurut peringkat berdasarkan perintah Tuhan. Inilah peringkat perjalanan mereka.

³ Mereka berangkat dari Rameses dalam bulan pertama. Pada hari kelima belas pada bulan itu, sehari sesudah Perayaan Paskah, orang Israel berjalan keluar dengan semangat tinggi di hadapan mata semua orang Mesir. ⁴ Pada waktu

itu, orang Mesir sedang menguburkan semua anak sulung yang ditewaskan Tuhan dalam kalangan mereka. Bahkan atas tuhan mereka pun Tuhan menjatuhkan hukuman.

⁵ Orang Israel berangkat dari Rameses, lalu berkhemah di Sukot. ⁶ Setelah itu mereka berangkat dari Sukot, lalu berkhemah di Etam, di tepi gurun. ⁷ Dari Etam mereka berangkat, lalu kembali ke Pi-Hahiroth yang berseberangan dengan Baal-Zefon. Di sana mereka berkhemah, berhadapan dengan Migdol. ⁸ Dari Pi-Hahiroth mereka berangkat, lalu melintas di tengah laut menuju gurun. Kemudian mereka berjalan sejauh tiga hari perjalanan di Gurun Etam dan berkhemah di Mara. ⁹ Dari Mara mereka berangkat dan tiba di Elim. Di Elim ada dua belas mata air dan tujuh puluh pokok kurma. Mereka pun berkhemah di sana.

¹⁰ Dari Elim mereka berangkat, lalu berkhemah di tepi Laut Merah. ¹¹ Dari Laut Merah mereka berangkat, lalu berkhemah di Gurun Sin. ¹² Selanjutnya dari Gurun Sin mereka berangkat lalu berkhemah di Dofka, ¹³ dan dari Dofka mereka berangkat lalu berkhemah di Alus. ¹⁴ Dari Alus mereka berangkat lagi, lalu berkhemah di Rafidim. Di sana tidak ada air untuk diminum oleh bangsa itu, ¹⁵ maka berangkatlah mereka dari Rafidim lalu berkhemah di Gurun Sinai.

¹⁶ Dari Gurun Sinai mereka berangkat, lalu berkhemah di Kibrot-Taawa. ¹⁷ Dari Kibrot-Taawa mereka berangkat lagi, lalu berkhemah di Hazerot. ¹⁸ Dari Hazerot mereka berangkat, lalu berkhemah di Ritma. ¹⁹ Dari Ritma mereka berangkat, lalu berkhemah di Rimon-Peros. ²⁰ Dari Rimon-Peros mereka berangkat, lalu berkhemah di Libna. ²¹ Dari Libna mereka berangkat, lalu berkhemah di Risa. ²² Dari Risa mereka berangkat, lalu berkhemah di Kehelata. ²³ Dari Kehelata mereka berangkat, lalu berkhemah di Gunung Syafer. ²⁴ Dari Gunung Syafer mereka berangkat, lalu berkhemah di Harada. ²⁵ Dari Harada mereka berangkat, lalu berkhemah di Makhelot. ²⁶ Dari Makhelot mereka berangkat, lalu berkhemah di Tahat. ²⁷ Dari Tahat mereka berangkat, lalu berkhemah di Tarah. ²⁸ Dari Tarah mereka berangkat, lalu berkhemah di Mitka. ²⁹ Dari Mitka mereka berangkat, lalu berkhemah di Hasmona. ³⁰ Dari Hasmona mereka berangkat, lalu berkhemah di Moserot. ³¹ Dari Moserot mereka berangkat, lalu berkhemah di Bene-Yaakan. ³² Dari Bene-Yaakan mereka berangkat, lalu berkhemah di Hor-Gidgad. ³³ Dari Hor-Gidgad mereka berangkat, lalu berkhemah di Yotbata. ³⁴ Dari Yotbata mereka berangkat, lalu berkhemah di Abrona. ³⁵ Dari Abrona mereka berangkat, lalu

berkhemah di Ezion-Geber. ³⁶ Dari Ezion-Geber mereka berangkat, lalu berkhemah di Gurun Zin, yaitu Kadesh. ³⁷ Dari Kadesh mereka berangkat, lalu berkhemah di Gunung Hor, di tepi Tanah Edom.

³⁸ Kemudian atas perintah Tuhan, Imam Harun naik ke Gunung Hor, dan dia meninggal di sana, pada tahun keempat puluh sesudah orang Israel keluar dari Tanah Mesir, tepatnya pada hari pertama bulan kelima. ³⁹ Harun berumur seratus dua puluh tiga tahun ketika dia meninggal di Gunung Hor itu.

⁴⁰ Sementara itu raja negeri Arad, bani Kanaan yang tinggal di Negeb, Tanah Kanaan, mendengar tentang kedatangan orang Israel.

⁴¹ Dari Gunung Hor mereka berangkat, lalu berkhemah di Zalmona. ⁴² Dari Zalmona mereka berangkat, lalu berkhemah di Funon. ⁴³ Dari Funon mereka berangkat, lalu berkhemah di Obot. ⁴⁴ Dari Obot mereka berangkat, lalu berkhemah di reruntuhan Abarim, di daerah Moab. ⁴⁵ Dari reruntuhan itu mereka berangkat dari Iyim, lalu berkhemah di Dibon-Gad.

⁴⁶ Dari Dibon-Gad mereka berangkat, lalu berkhemah di Almon-Diblataim. ⁴⁷ Dari Almon-Diblataim mereka berangkat, lalu berkhemah di

Pergunungan Abarim, di seberang Nebo. ⁴⁸ Dari Pergunungan Abarim mereka berangkat, lalu berkhemah di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho. ⁴⁹ Mereka berkhemah di tepi Sungai Yordan, dari Bet-Yesimot sampai ke Abel-Sitim di dataran Moab.

Pengusiran Penduduk Tempatan

⁵⁰ Di tempat itu, iaitu di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho, Tuhan berfirman kepada Musa, ⁵¹ “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Setelah kamu menyeberangi Sungai Yordan menuju Tanah Kanaan, ⁵² usirlah seluruh penduduk negeri itu dari hadapanmu dan musnahkanlah segala batu berukir mereka. Musnahkanlah juga segala patung tuangan mereka dan punahkanlah segala bukit pemujaan mereka. ⁵³ Dudukilah negeri itu dan tinggallah di sana, kerana kepadamu telah Kukurniakan negeri itu untuk kamu duduki. ⁵⁴ Kemudian bahagi-bahagikanlah negeri itu menurut kaum yang ada padamu dengan cara mencabut undi. Kepada suku yang besar jumlahnya berikanlah harta pusaka yang lebih besar, manakala kepada suku yang kecil jumlahnya berikanlah harta pusaka yang lebih

kecil. Di mana pun undi itu jatuh bagi mereka, di situlah bahagian mereka. Hendaklah kamu mendapat harta pusaka menurut suku-suku bapa leluhurmu. ⁵⁵ Akan tetapi, jika kamu tidak mengusir penduduk tempatan negeri itu dari hadapanmu, maka orang yang kamu tinggalkan hidup daripada kalangan mereka akan menjadi seperti onak di matamu dan duri di rusuk kamu. Mereka akan menyusahkan kamu di negeri yang kamu diami. ⁵⁶ Jika demikian, Aku akan melakukan rancangan terhadap mereka seperti yang Kurancangkan terhadap kamu.' ”

Sempadan selatan Tanah Kanaan

34 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa,
² “Perintahkanlah orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Apabila kamu telah memasuki Tanah Kanaan, maka itulah negeri yang akan menjadi harta pusakamu, iaitu Tanah Kanaan menurut semua perbatasannya. ³ Sempadan selatanmu ialah dari Gurun Zin berpinggirkan Edom. Batas selatanmu dari hujung Laut Mati ke arah timur, ⁴ kemudian membelok ke selatan Tanjakan Akrabim, dan menyeberangi ke Zin, dan berakhir di sebelah selatan Kadesh-Barnea. Dari situ perbatasan berlanjutan ke Hazar-Adar dan terus ke Azmon, ⁵ lalu dari Azmon membelok ke Wadi Mesir dan berakhir di laut.

⁶ Sempadan barat wilayah kamu ialah Laut Besar dan sepanjang pesisirnya. Itulah sempadan barat kamu.

⁷ Bagi sempadan utara kamu, tentukanlah tanda perbatasan dari Laut Besar ke Gunung Hor, ⁸ lalu dari Gunung Hor ke jalan masuk menuju Hamat, hingga berakhir di Zedad. ⁹ Kemudian perbatasan menjalar ke Zifron dan berakhir di Hazar-Enan. Itulah perbatasan utara kamu.

¹⁰ Tentukanlah tanda sempadan kamu di sebelah timur dari Hazar-Enan ke Sefam. ¹¹ Dari Sefam perbatasan menurun ke Ribla, di sebelah timur Ain, kemudian menurun lagi hingga sampai ke lereng Danau Kineret di sebelah timur. ¹² Selanjutnya batas turun ke Sungai Yordan dan berakhir di Laut Mati.

Itulah negerimu dengan perbatasan yang mengelilinginya.’ ”

¹³ Musa memberikan perintah kepada orang Israel, “Itulah negeri yang akan kamu warisi dengan mencabut undi. Tuhan memerintahkan agar negeri itu diberikan kepada suku yang sembilan setengah itu, ¹⁴ kerana setiap kaum keluarga dalam suku bani Ruben, dan setiap kaum keluarga dalam suku bani Gad telah menerima harta pusaka mereka, demikian

jumlah halnya dengan separuh suku Manasye.
¹⁵ Kedua-dua suku serta setengah suku itu telah menerima harta pusaka mereka di seberang Sungai Yordan dekat Yerikho, iaitu di sebelah timur, ke arah matahari terbit.”

Senarai ketua suku kaum

¹⁶ Tuhan berfirman kepada Musa, ¹⁷ “Inilah nama orang yang harus membahagi-bahagikan negeri itu antaramu sebagai harta pusaka, iaitu Imam Eleazar dan Yosua anak Nun. ¹⁸ Kemudian ambillah seorang pemimpin daripada setiap suku untuk membahagikan negeri itu sebagai harta pusaka. ¹⁹ Inilah nama-nama mereka:

Kaleb anak Yefune,

daripada suku Yehuda;

²⁰ Samuel anak Amihud,

daripada suku bani Simeon;

²¹ Elidad anak Kislon,

daripada suku Benyamin;

²² Buki anak Yogli,

seorang pemimpin daripada suku bani Dan;

²³ Haniel anak Efod,

seorang pemimpin daripada suku bani

Manasye, keturunan Yusuf;

²⁴ dan Kemuel anak Siftan,

seorang pemimpin daripada suku bani

Efraim, keturunan Yusuf;

- ²⁵ Elisafan anak Parnah,
seorang pemimpin daripada suku bani
Zebulon;
- ²⁶ Paltiel anak Azan,
seorang pemimpin daripada suku bani
Isakhar;
- ²⁷ Ahihud anak Selomi,
seorang pemimpin daripada suku bani Asyer;
- ²⁸ Pedael anak Amihud,
seorang pemimpin daripada suku bani
Naftali.
- ²⁹ Itulah orang yang diperintahkan Tuhan untuk
membahagi-bahagikan harta pusaka di Tanah
Kanaan kepada orang Israel.”

Kota-kota raya bani Lewi

35 ¹ Tuhan berfirman kepada Musa di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho,
² “Perintahkanlah kepada orang Israel supaya mereka memberikan kepada bani Lewi kota-kota daripada harta pusaka mereka untuk didiami. Berikanlah juga kepada bani Lewi tanah ternakan di sekeliling kota-kota raya itu. ³ Kota-kota raya itu akan menjadi tempat kediaman mereka, dan segala tanah ternakan mereka akan menjadi tempat ternakan mereka, harta benda mereka,

serta segala haiwan mereka. ⁴ Hendaklah tanah ternakan kota raya yang kamu berikan kepada bani Lewi itu sejauh seribu hasta dari tembok kota ke sebelah luar. ⁵ Hendaklah kamu ukur di sebelah luar kota itu dua ribu hasta ke sebelah timur, dua ribu hasta ke sebelah selatan, dua ribu hasta ke sebelah barat, dan dua ribu hasta ke sebelah utara, sehingga kota itu berada di tengah-tengah. Itulah yang akan menjadi tanah ternakan kota-kota raya mereka. ⁶ Hendaklah kota-kota raya yang harus kamu berikan kepada bani Lewi itu termasuk enam kota perlindungan, supaya seorang pembunuh dapat melarikan diri ke sana. Selain itu, berikanlah pula empat puluh dua buah kota raya lainnya, ⁷ sehingga seluruh kota yang harus kamu berikan kepada orang Lewi berjumlah empat puluh lapan kota kesemuanya dan tanah ternakannya. ⁸ Dalam hal kota-kota raya yang akan kamu berikan daripada tanah milik orang Israel itu, ambillah banyak daripada suku yang besar-besar, dan ambillah sedikit daripada suku yang kecil. Hendaklah masing-masing suku memberikan kota-kotanya kepada bani Lewi selaras dengan harta pusaka yang diwarisi mereka.”

Kota-kota perlindungan

⁹ Tuhan berfirman kepada Musa,
¹⁰ “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka, ‘Sesudah kamu menyeberangi Sungai Yordan dan masuk ke Tanah Kanaan, ¹¹ pilihlah beberapa kota untuk menjadi kota-kota perlindungan bagimu, supaya orang yang tanpa sengaja telah membunuh orang lain dapat lari ke sana. ¹² Kota-kota itu akan menjadi tempat perlindungan bagimu daripada orang yang hendak menuntut balas, supaya jangan seseorang pembunuh mati sebelum dia menghadap majlis umat untuk diadili.
¹³ Daripada kota-kota raya yang kamu tentukan itu, enam buah kota raya akan menjadi kota perlindungan bagimu. ¹⁴ Tentukanlah tiga kota raya di seberang Sungai Yordan dan tentukanlah tiga kota lagi di Tanah Kanaan untuk dijadikan kota-kota perlindungan. ¹⁵ Keenam-enam kota itu akan menjadi tempat perlindungan, baik bagi orang Israel mahupun bagi pendatang dan perantau yang ada dalam kalangan kamu, supaya sesiapa pun yang telah membunuh orang tanpa sengaja dapat lari ke sana.

¹⁶ Akan tetapi, jika seseorang menghentam orang lain dengan benda daripada besi hingga orang itu mati, maka dia seorang pembunuh, dan pembunuh itu pasti dihukum mati. ¹⁷ Jika seseorang menghentam orang lain dengan batu di tangan hingga orang itu mati kerana batu tersebut, maka dia seorang pembunuh, dan pembunuh itu pasti dihukum mati. ¹⁸ Atau jika dia menghentam orang itu dengan benda daripada kayu di tangan hingga orang itu mati kerana kayu tersebut, maka dia seorang pembunuh, dan pembunuh itu pasti dihukum mati. ¹⁹ Orang yang berhak menuntut balasan darahlah yang harus menjalankan hukum bunuh ke atas pembunuh itu. Apabila dia bertemu dengannya, hendaklah dia bunuhnya.

²⁰ Jika seseorang menyerang orang lain kerana benci, atau melempar sesuatu dengan sengaja kepada orang lain hingga orang itu mati, ²¹ atau jika seseorang menghentam orang lain dengan tangannya kerana permusuhan hingga orang itu mati, maka dia pasti dihukum mati, kerana dia seorang pembunuh. Orang yang menuntut balasan darah berhak menjalankan hukum bunuh ke atas pembunuh itu apabila dia bertemu dengannya.

²² Akan tetapi, jika seseorang menolak orang lain secara tiba-tiba bukan kerana permusuhan,

atau melempar sesuatu benda kepadanya tanpa sengaja,²³ atau tanpa sadar menjatuhkan sebuah batu ke atas seseorang hingga orang itu mati kerana batu itu, padahal dia bukan musuhnya dan juga tidak berniat mencederakannya,²⁴ maka hendaklah majlis umat memutuskan hukum antara pembunuh itu dengan orang yang menuntut balasan darah menurut hukum-hukum ini.²⁵ Hendaklah umat membebaskan pembunuh itu daripada tangan orang yang menuntut balasan darah, kemudian hendaklah mereka mengembalikan dia ke kota perlindungan, tempat pelariannya. Hendaklah dia tinggal di sana sehingga kematian imam besar yang telah diurapi dengan minyak suci.²⁶ Tetapi jika pembunuh itu keluar daripada batasan kota perlindungan tempat pelariannya,²⁷ lalu di luar sempadan kota perlindungannya itu dia didapati oleh orang yang menuntut balasan darah dan dibunuh, maka orang ini tidak berhutang darah kepadanya,²⁸ kerana memang pembunuh itu wajib tinggal di kota perlindungannya sampai orang yang menjadi imam besar meninggal. Sesudah imam besar meninggal, barulah dia boleh kembali ke tanah miliknya.²⁹ Itulah ketetapan hukum bagi kamu turun-temurun di seluruh tempat kediamanmu.

³⁰ Hendaklah sesiapa yang membunuh orang lain dikenakan hukum mati ke atas keterangan saksi. Namun demikian, seorang saksi sahaja tidak cukup untuk dapat menjatuhkan hukuman mati ke atas seseorang. ³¹ Apatah lagi, jangan terima tebusan sebagai ganti nyawa seseorang pembunuh yang patut dihukum mati, kerana hendaklah dia tetap dihukum mati. ³² Jangan pula terima tebusan daripada seorang yang melarikan diri ke kota perlindungan jika maksudnya supaya dia dapat kembali tinggal di negeri itu sebelum imam besar meninggal. ³³ Jangan najiskan negeri tempat kediamanmu, kerana darah yang tertumpah menajiskan negeri itu. Tidak ada pendamaian yang dapat diadakan bagi negeri itu akibat darah yang tertumpah di atasnya, kecuali dengan darah orang yang menumpahkannya. ³⁴ Jangan najiskan negeri tempat tinggalmu, tempat Aku bersemayam, kerana Aku, Tuhan, bersemayam dalam kalangan orang Israel.' ”

Perkahwinan anak perempuan dan hak warisnya

36 ¹ Ketua keluarga daripada kaum bani Gilead anak Makhir anak Manasye, salah satu antara keturunan kaum Yusuf, datang dan berbicara di hadapan Musa serta para pemimpin,

iaitu para ketua keluarga orang Israel. ² Kata mereka, “Tuhan telah memerintahkan tuanku untuk memberikan tanah itu kepada orang Israel sebagai harta pusaka melalui cabutan undi. Tuhan juga telah memerintahkan tuanku untuk memberikan harta pusaka Zelafehad, saudara kami, kepada anak-anak perempuannya. ³ Akan tetapi, jika mereka menikah dengan seseorang lelaki daripada mana-mana suku orang Israel yang lain, maka warisan mereka itu tentunya akan diambil daripada harta pusaka leluhur kami lalu ditambahkan pada harta pusaka suku yang akan dimasuki oleh mereka. Dengan demikian akan berkuranganlah harta pusaka yang dicabut undi kepada kami. ⁴ Lalu apabila tiba Tahun Pembebasan bagi orang Israel, harta pusaka mereka akan ditambahkan kepada harta pusaka suku yang dimasuki mereka, walhal harta pusaka suku leluhur kami berkurang kerana warisan mereka itu diambil orang suku lain.”

⁵ Kemudian, Musa memberikan perintah kepada orang Israel berdasarkan perintah Tuhan, katanya, “Benarlah seperti yang dikatakan oleh suku bani Yusuf itu. ⁶ Inilah perintah Tuhan mengenai anak-anak perempuan Zelafehad, ‘Mereka boleh menikah dengan siapa sahaja yang

baik menurut mereka, tetapi hanya daripada kalangan kaum suku leluhur mereka.⁷ Oleh yang demikian, harta pusaka orang Israel tidak boleh beralih daripada suku ke suku, kerana orang Israel harus tetap berada pada harta pusaka suku leluhur masing-masing.⁸ Hendaklah setiap anak perempuan dalam kalangan suku-suku orang Israel yang mewarisi harta pusaka menikah dengan seorang daripada kaum suku leluhurnya, supaya orang Israel dapat mewarisi harta pusaka leluhur masing-masing.⁹ Harta pusaka itu tidak boleh beralih daripada satu suku ke suku yang lain, kerana suku orang Israel harus tetap berada pada harta pusaka masing-masing.’ ”

¹⁰ Maka seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa, demikianlah dilakukan oleh anak-anak perempuan Zelafehad.¹¹ Anak perempuan Zelafehad iaitu Mahla, Tirza, Hogla, Milka, dan Noa, menikah dengan anak-anak lelaki daripada saudara ayah mereka.¹² Mereka menikah dengan orang daripada kaum bani Manasye anak Yusuf, maka dengan demikian, harta pusaka mereka tetap berada dalam tangan suku kaum leluhur mereka.

¹³ Itulah perintah dan peraturan yang diberikan Tuhan dengan perantaraan Musa kepada orang Israel di dataran Moab, di tepi Sungai Yordan dekat Yerikho.

ULANGAN

Perintah untuk meninggalkan Horeb

1 ¹ Inilah kata-kata peringatan yang disampaikan Musa kepada seluruh orang Israel di kawasan gurun di seberang Sungai Yordan, yaitu di Araba. Araba terletak di seberang Suf, di antara Paran dengan Tofel, Laban, Hazerot, serta Dizahab. ² Jauhnya jarak dari Horeb hingga ke Kadesh-Barnea melalui jalan Pergunungan Seir ialah sebelas hari perjalanan. ³ Pada hari pertama dalam bulan kesebelas pada tahun keempat puluh, Musa mengatakan kepada orang Israel semua yang diperintahkan Tuhan untuk disampaikannya kepada mereka. ⁴ Ketika itu dia baru sahaja mengalahkan Sihon, raja bani Amori, yang tinggal di Hesbon, dan Og, raja Basan, yang tinggal di Astarot dekat Edrei. ⁵ Di seberang Sungai Yordan, di Tanah Moab, Musa mulai menjelaskan hukum Taurat ini.

Katanya, ⁶ “Tuhan, Allah kita, berfirman kepada kita di Horeb, demikian, ‘Sudah cukup lama kamu tinggal di gunung ini. ⁷ Bangkitlah dan

berangkatlah. Pergilah ke pergunungan bani Amori dan kepada semua bangsa tetangga mereka di Araba, daerah pergunungan, daerah dataran rendah, Tanah Negeb, daerah tepi laut negeri bani Kanaan dan Lebanon, sampai sungai besar, iaitu Sungai Efrat. ⁸ Ketahuilah, Aku telah menyerahkan negeri itu kepadamu. Masukilah dan dudukilah negeri yang telah Tuhan sumpah untuk memberi nenek moyangmu, iaitu Abraham, Ishak, dan Yakub, dan keturunan mereka.' ”

Pelantikan pemimpin

⁹ Pada waktu itu aku berkata kepadamu, 'Aku seorang diri tidak sanggup memikul tanggungjawab ke atas kamu. ¹⁰ Tuhan, Allahmu, telah melipatgandakan jumlah bilanganmu menjadi tersangat ramai, dan sesungguhnya ketika ini ramainya kamu sudah seperti bintang-bintang di langit. ¹¹ Semoga Tuhan, Allah nenek moyangmu, menambah jumlahmu seribu kali lipat dan memberkati kamu seperti yang dijanjikan-Nya kepadamu. ¹² Akan tetapi, bagaimana mungkin aku seorang diri dapat memikul tanggungjawab ke atas kesusahanmu, bebanmu, dan perselisihanmu? ¹³ Pilihlah daripada kalangan suku kaum kamu beberapa orang yang bijak, arif, dan berpengalaman.

Aku akan melantik mereka menjadi ketua yang memimpin kamu.’¹⁴ Lalu kamu menjawab aku, ‘Usul yang kamu kemukakan itu baik untuk dilaksanakan.’¹⁵ Oleh sebab itu, aku mengambil para ketua sukumu, orang yang bijak dan berpengalaman lalu menetapkan mereka menjadi pemimpin kepadamu, iaitu pemimpin pasukan seribu, pemimpin pasukan seratus, pemimpin pasukan lima puluh, pemimpin pasukan sepuluh, juga sebagai pengatur pasukan bagi suku-sukumu.

¹⁶ Kepada para hakimmu pada waktu itu aku memberikan perintah, ‘Dengarlah perkara-perkara yang ada antara saudaramu dan putuskanlah hukum secara adil antara seseorang dengan saudaranya atau dengan pendatang yang tinggal bersama-samanya.’¹⁷ Dalam hal penghakiman jangan pandang muka. Hendaklah kamu dengar perkaranya baik dia orang kecil mahupun orang besar. Jangan takut kepada manusia, kerana penghakiman milik Allah. Jika ada perkara yang terlalu berat untukmu, bawalah kepadaku supaya kudengar.’¹⁸ Demikianlah pada waktu itu aku mengarahkan kamu tentang segala hal yang harus kamu lakukan.

Keengganan orang Israel memasuki negeri itu

¹⁹ Kemudian kita berangkat dari Horeb dan berjalan melalui gurun yang luas dan menakutkan seperti yang telah kamu lihat, ke arah pergunungan bani Amori, selaras dengan perintah Tuhan, Allah kita. Lalu sampailah kita di Kadesh-Barnea. ²⁰ Kataku kepadamu, 'Kamu telah sampai di pergunungan bani Amori yang telah dikurniakan Tuhan, Allah kita, kepada kita.

²¹ Ketahuilah bahawa Tuhan, Allahmu, telah menyerahkan negeri itu kepadamu. Majulah dan dudukilah tanah itu, seperti yang difirmankan Tuhan, Allah nenek moyangmu, kepadamu. Jangan takut dan jangan berasa kecewa.'

²² Kemudian kamu semua datang mendekatiku dan berkata, 'Mari kita utus beberapa orang mendahului kita untuk menjelajah negeri itu bagi kita dan membawa khabar kepada kita mengenai jalan yang harus kita tempuh serta kota-kota yang akan kita datangi.'

²³ Usul itu kupandang baik. Lalu aku memilih dua belas orang daripada kalangan kamu, seorang daripada setiap suku. ²⁴ Mereka pergi, naik ke pergunungan, lalu sampai di Lembah Eskol dan mulai menyelidiki negeri itu. ²⁵ Mereka mengambil buah-buahan hasil negeri itu dan membawanya kepada kita. Mereka

juga membawa khabar demikian, ‘Negeri yang dikurniakan Tuhan, Allah kita, kepada kita itu baik.’

²⁶ Namun demikian, kamu tidak mahu pergi ke sana. Kamu menderhaka terhadap firman Tuhan, Allahmu. ²⁷ Di dalam khemahmu kamu bersungut-sungut dan berkata, “Kerana Tuhan membenci kita, maka Dia membawa kita keluar dari Mesir dan menyerahkan kita ke dalam tangan bani Amori supaya kita dibinasakan.

²⁸ Ke manakah kita akan pergi? Saudara-saudara kita telah membuat hati kita tawar dengan berkata, ‘Orang di sana lebih besar dan lebih tinggi daripada kita! Kota-kota mereka besar dan kubu-kubu mereka mencapai langit! Kami pun melihat bani Enak di sana.’ ”

²⁹ Lalu aku berkata kepadamu, ‘Jangan gentar dan jangan takut kepada mereka. ³⁰ Tuhan, Allahmu, yang memimpin kamu, Dialah yang akan berperang untukmu seperti yang telah dilakukan-Nya bagimu di Mesir, di hadapan matamu sendiri. ³¹ Begitu juga di gurun. Di sana kamu telah melihat bagaimana Tuhan, Allahmu, mendukungmu di sepanjang jalan yang kamu tempuh seperti seseorang mendukung anaknya, sampai kamu tiba di tempat ini.’

³² Meskipun begitu, kamu tidak percaya kepada Tuhan, Allahmu, ³³ yang memimpin kamu dalam perjalanan dan mencari tempat bagimu untuk berkhemah walhal Dia hadir di dalam api pada malam hari dan di dalam awan pada siang hari untuk menunjukkan kepadamu jalan yang harus kamu tempuh.

Hukuman ke atas pemberontakan orang Israel

³⁴ Apabila Tuhan mendengar kata-katamu, murkalah Dia lalu bersumpah demikian, ³⁵ 'Tiada seorang pun daripada angkatan yang jahat ini akan melihat negeri yang baik, yang telah Kusumpah untuk memberikan kepada nenek moyangmu. ³⁶ Hanya Kaleb anak Yefune yang akan melihatnya. Kepadanya dan kepada anak-anaknya akan Kukurniakan negeri yang telah dipijaknya itu, kerana dia mengikuti Tuhan dengan sepenuh hati.' ³⁷ Malahan Tuhan juga murka kepadaku kerana kamu. Firman-Nya, 'Engkau pun tidak akan masuk ke sana, ³⁸ melainkan Yosua anak Nun, pelayanmu, yang akan masuk ke sana. Kuatkanlah hatinya kerana dialah yang akan memimpin orang Israel mewarisi negeri itu.

³⁹ Dan anak-anak kecilmu yang kamu katakan akan menjadi tawanan, iaitu anak-anakmu yang sekarang ini belum tahu tentang yang baik dan yang jahat, merekalah yang akan masuk ke sana. Kepada merekalah akan Kukurniakan negeri itu dan mereka akan memilikinya. ⁴⁰ Tetapi kamu ini, berbaliklah dan berangkatlah ke gurun, ke arah Laut Merah.'

Kegagalan menakluki Tanah Kanaan

⁴¹ Kemudian jawabmu kepadaku, 'Kami telah berdosa terhadap Tuhan. Kami sendirilah yang akan maju berperang selaras dengan semua yang diperintahkan Tuhan, Allah kami, kepada kami.' Lalu kamu menyandang senjata perang masing-masing, kerana kamu fikir mudah untuk naik ke pergunungan itu.

⁴² Tetapi Tuhan berfirman kepadaku, 'Katakanlah kepada mereka, "Jangan maju dan jangan berperang, kerana Aku tidak hadir antara kamu, nanti kamu tumpas di hadapan musuh-musuhmu." ' ⁴³ Maka aku mengatakan hal itu kepadamu, tetapi kamu tidak mahu mendengar. Kamu menderhaka terhadap firman Tuhan dan dengan sombongnya naik ke pergunungan itu. ⁴⁴ Lalu keluarlah bani Amori yang tinggal di pergunungan itu menghadapi kamu. Mereka mengejar kamu seperti kawan

lebah dan menghentam kamu dari Seir sampai ke Horma. ⁴⁵ Maka kembalilah kamu dan menangis di hadapan Tuhan, tetapi Tuhan tidak mendengar tangisanmu dan tidak memperhatikan kamu. ⁴⁶ Setelah itu, cukup lama kamu tinggal di Kadesh.

Bertahun-tahun di kawasan gurun

2 ¹ Kemudian kita berbalik dan berangkat ke gurun, ke arah Laut Merah, seperti yang difirmankan Tuhan kepadaku. Sudah beberapa lamanya kita menelusur mengelilingi pergunungan Seir.

² Lalu Tuhan berfirman kepadaku, ³ ‘Sudah cukup lama kamu mengelilingi pergunungan ini. Sekarang, tujulah ke utara ⁴ dan berikanlah perintah kepada bangsa itu demikian, “Sekarang kamu akan melalui daerah saudaramu, iaitu bani Esau, yang tinggal di Seir. Mereka akan berasa takut kepadamu, tetapi ingat baik-baik, ⁵ jangan kamu bertempur dengan mereka. Aku tidak akan memberikan negeri mereka kepadamu walau setapak kaki pun, kerana Seir telah Kukurniakan kepada Esau menjadi miliknya. ⁶ Hendaklah kamu membeli makanan daripada mereka dengan wang supaya kamu dapat makan dan hendaklah

kamu membeli air daripada mereka dengan wang supaya kamu dapat minum.” ’

⁷ Tuhan, Allahmu, telah memberkatimu dalam segala yang dikerjakan oleh tanganmu dan Dia memerhatikan perjalananmu di gurun yang luas ini. Selama empat puluh tahun ini Tuhan, Allahmu, menyertai engkau dan engkau tidak kekurangan satu apa-apa pun.

⁸ Maka berjalanlah kita meninggalkan saudara kita, iaitu bani Esau yang tinggal di Seir, lalu kita tinggalkan jalan dari Araba, iaitu dari Elat dan dari Ezion-Geber. Kemudian kita mengubah arah melalui jalan ke Gurun Moab. ⁹ Tuhan pun berfirman kepadaku, ‘Jangan ganggu orang Moab dan jangan cabar mereka untuk berperang kerana Aku tidak akan memberikan negeri mereka kepadamu untuk menjadi milikmu, kerana Ar telah Kukurniakan kepada bani Lut menjadi miliknya.

¹⁰ (Dahulunya bani Emim tinggal di sana. Mereka bangsa yang besar, ramai jumlah mereka, dan tinggi-tinggi seperti bani Enak. ¹¹ Mereka juga tergolong dalam bani Refaim seperti bani Enak, tetapi bani Moab menyebut mereka bani Emim. ¹² Dahulunya bani Hori juga tinggal di Seir, tetapi bani Esau mengusir mereka. Bani Esau

menghapuskan mereka dari hadapan mereka lalu tinggal di sana menggantikan mereka, seperti yang dilakukan orang Israel di negeri yang dikurniakan Tuhan kepada mereka menjadi milik mereka.)

¹³ Sekarang, segeralah seberangi Sungai Zered.' Maka kita pun menyeberangi Sungai Zered. ¹⁴ Selama tiga puluh lapan tahun kita berjalan dari Kadesh-Barnea ke seberang Sungai Zered, hingga seluruh angkatan pejuang musnah dari perkhemahan, seperti yang telah disumpahakan Tuhan kepada mereka. ¹⁵ Tangan Tuhan sendiri menentang mereka, mengacau mereka sehingga semua mereka dihapuskan daripada perkhemahan.

¹⁶ Setelah mati kesemua pejuang daripada kalangan bangsa itu, ¹⁷ Tuhan berfirman kepadaku, ¹⁸ 'Pada hari ini kamu akan melalui perbatasan Moab, iaitu Ar. ¹⁹ Ketika engkau berada dekat dengan bani Amon, jangan usik mereka dan jangan cabar mereka. Aku tidak akan memberikan negeri bani Amon kepadamu untuk menjadi milikmu, kerana Aku telah mengurniakannya kepada bani Lut sebagai miliknya.

²⁰ (Negeri ini juga termasuk negeri bani Refaim yang dahulunya tinggal di sana, tetapi bani Amon menyebut mereka orang Zamzumim. ²¹ Mereka bangsa yang besar, ramai jumlah mereka, dan tinggi-tinggi seperti bani Enak. Akan tetapi, Tuhan memusnahkan mereka dari hadapan bani Amon. Bani Amon mengusir mereka, lalu tinggal di sana menggantikan mereka. ²² Begitu pulalah yang dilakukan Tuhan bagi bani Esau yang tinggal di Seir, ketika Dia memusnahkan bani Hori dari hadapan mereka. Mereka mengusir bani Hori dan tinggal di sana menggantikan kalangan itu sampai hari ini. ²³ Demikian pula halnya dengan bani Awi yang tinggal di desa-desa sampai ke Gaza. Bani Kaftor, yang datang dari Kaftor, memusnahkan mereka dan tinggal di sana menggantikan mereka.)

²⁴ Segeralah berangkat dan seberangilah Sungai Arnon. Ketahuilah, Aku menyerahkan Sihon, raja Hesbon, bani Amori itu, berserta negerinya ke dalam tanganmu. Hendaklah engkau mulai merebutnya. Tentanglah mereka untuk berperang. ²⁵ Hari ini juga, atas bangsa-bangsa di seluruh kolong langit, Aku mulai mendatangkan rasa gentar dan takut terhadap kamu. Ketika mereka mendengar khabar tentang kamu, mereka akan gementar dan ketakutan kerana kamu.'

Tertewasnya Raja Sihon

²⁶ Kemudian aku menghantar beberapa orang utusan dari Gurun Kedemot kepada Sihon, raja Hesbon, untuk menyampaikan pesan damai yang berbunyi demikian, ²⁷ 'Izinkanlah kami melalui negerimu. Kami hendak berjalan di jalan raya sahaja dan tidak akan menyimpang ke kanan ataupun ke kiri. ²⁸ Juallah makanan kepada kami dengan bayaran wang supaya kami dapat makan, dan berilah kami air dengan bayaran wang supaya kami dapat minum. Hanya, izinkanlah kami lalu dengan berjalan kaki ²⁹ sampai kami menyeberangi Sungai Yordan untuk memasuki negeri yang dikurniakan Tuhan, Allah kami, kepada kami. Begitulah bani Esau, yang tinggal di Seir, juga orang Moab, yang tinggal di Ar, memperlakukan kami.'

³⁰ Tetapi Sihon, raja Hesbon, tidak mahu mengizinkan kita melalui negerinya kerana Tuhan, Allahmu, telah mengeraskan hatinya dan menjadikan hatinya degil supaya dia diserahkan ke dalam tanganmu, seperti yang terjadi pada hari ini.

³¹ Tuhan berfirman kepadaku, 'Ketahuilah, Aku mulai menyerahkan Sihon dan negerinya kepadamu. Kamu harus mulai menduduki negerinya supaya kamu dapat memilikinya.'

³² Lalu keluarlah Sihon menghadapi kita beserta seluruh pasukannya untuk berperang di Yahas. ³³ Tetapi Tuhan, Allah kita, menyerahkan dia kepada kita, sehingga kita mengalahkan dia, anak-anaknya, dan seluruh pasukannya. ³⁴ Pada waktu itu kita merebut semua kotanya dan menumpaskan semua penduduknya, baik lelaki, perempuan, mahupun anak-anak. Tiada seorang pun kita biarkan selamat. ³⁵ Hanya ternakan yang kita rampas bagi kita beserta jarahan daripada kota-kota yang kita rebut. ³⁶ Mulai Aroer yang terletak di Lembah Arnon dan juga kota di lembah itu sampai ke Gilead, tidak ada kota yang terlalu kuat bagi kita. Tuhan, Allah kita, menyerahkan semuanya kepada kita. ³⁷ Hanya negeri bani Amon yang tidak kamu dekati, iaitu seluruh tempat di tepi Sungai Yabok, kota-kota di pergunungan, dan semua tempat yang dilarang oleh Tuhan, Allah kita.

Og, raja negeri Basan ditewaskan

3 ¹ Setelah itu, kita berangkat dan menuju ke arah Basan. Og, raja Basan, beserta seluruh pasukannya keluar menghadapi kita untuk berperang di Edrei. ² Namun demikian, Tuhan berfirman kepadaku, 'Jangan takut kepadanya, kerana Aku telah menyerahkan dia ke dalam tanganmu juga seluruh pasukannya

dan negerinya. Perlakukanlah dia seperti engkau memperlakukan Sihon, raja bani Amori, yang tinggal di Hesbon.'

³ Demikianlah Tuhan, Allah kita, menyerahkan Og, raja Basan dan seluruh pasukannya ke dalam tangan kita. Kita mengalahkannya, tiada seorang pun yang kita biarkan terselamat. ⁴ Pada waktu itu kita merebut semua kotanya. Tidak ada kota yang tidak kita rebut daripada mereka – enam puluh buah kota, iaitu seluruh kawasan Argob, kerajaan Og di Basan. ⁵ Semua kota itu berkubu, bertembok tinggi, berpintu gerbang, dan berpalang, di samping kota-kota tidak bertembok yang sangat banyak jumlahnya. ⁶ Kita menumpas mereka seperti yang kita lakukan terhadap Sihon, raja Hesbon. Kita tumpas penduduk, baik lelaki, perempuan, mahupun kanak-kanak di setiap kota. ⁷ Tetapi segala ternakan dan jarahan dari kota-kota itu kita rampas untuk diri kita.

⁸ Demikianlah pada waktu itu kita merebut negeri itu daripada tangan kedua-dua orang raja bani Amori yang tinggal di seberang Sungai Yordan, dari Lembah Arnon sampai ke Gunung Hermon. ⁹ (Hermon disebut Siryon oleh orang Sidon, tetapi bani Amori menyebutnya Senir), ¹⁰ semua kota di dataran tinggi, seluruh Gilead dan seluruh Basan sampai ke Salkha dan Edrei, iaitu kota-kota kerajaan Og di Basan.

¹¹ (Hanya Og, raja Basan itu, yang masih tinggal hidup daripada saki-baki orang Refaim. Bukankah tempat tidurnya, katil daripada besi, masih tersimpan di Raba, kota bani Amon? Panjangnya sembilan hasta dan lebarnya hampir empat hasta, menurut hasta yang lazim.)

Pembahagian daerah di seberang Sungai Yordan

¹² Setelah kita menduduki negeri itu pada waktu itu, wilayah dari Aroer di Lembah Arnon dan separuh Gilead dengan kota-kotanya kuberikan kepada bani Ruben dan bani Gad ¹³ manakala wilayah Gilead yang selebihnya serta seluruh Basan, iaitu seluruh kawasan Argob, kerajaan Og, kuberikan kepada separuh suku Manasye.

(Seluruh Basan itu disebut negeri orang Refaim. ¹⁴ Yair, keturunan Manasye, merebut seluruh kawasan Argob sampai ke perbatasan wilayah orang Gesur dan orang Maakha. Kemudian dinamainya Basan itu Hawot-Yair, menurut namanya sendiri, sampai hari ini.)

¹⁵ Kepada Makhir kuberikan Gilead. ¹⁶ Kepada bani Ruben dan bani Gad kuberikan wilayah dari Gilead sampai ke Lembah Arnon, dengan bahagian tengah lembah sebagai perbatasannya, lalu terus ke Sungai Yabok, perbatasan daerah bani Amon; ¹⁷ demikian juga wilayah Araba dengan Sungai Yordan sebagai batasnya, dari

Danau Kineret sampai ke Laut Araba, iaitu Laut Mati di kaki lereng Gunung Pisga ke arah timur.

¹⁸ Pada waktu itu aku memberikan perintah kepadamu, 'Tuhan, Allahmu, telah mengurniakan negeri ini kepadamu untuk diduduki. Hendaklah orang kamu yang bersenjata, iaitu semua orang yang gagah perkasa, menyeberang di depan saudaramu orang Israel. ¹⁹ Tetapi biarlah isterimu, anakmu, dan segala ternakanmu (aku tahu bahawa kamu mempunyai banyak ternakan) tinggal di kota-kota yang telah kuberikan kepadamu, ²⁰ sampai Tuhan mengurniakan ketenteraman kepada saudaramu seperti kepadamu, dan mereka juga memiliki negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepada mereka di seberang Sungai Yordan. Setelah itu barulah kamu boleh kembali, masing-masing ke tanah miliknya yang telah kuberikan kepadamu.'

²¹ Kemudian pada waktu itu juga aku memberikan perintah kepada Yosua, 'Dengan matamu sendiri kamu telah melihat semua yang dilakukan Tuhan, Allahmu, ke atas kedua-dua orang raja itu. Tuhan pun akan melakukan hal yang sedemikian itu terhadap semua kerajaan di tempat yang akan kamu masuki. ²² Jangan takut

kepada mereka, kerana Tuhan, Allahmu, Dialah yang akan berperang untukmu.'

Musa tidak diperkenankan memasuki Tanah Kanaan

²³ Pada waktu itu pula aku memohon belas kasihan Tuhan, ²⁴ 'Ya Tuhan Allah, Engkau telah mulai menyatakan kepada hamba-Mu ini kebesaran-Mu dan kekuatan-Mu, kerana tuhan manakah di langit atau di bumi dapat melakukan perbuatan yang perkasa seperti Engkau? ²⁵ Izinkanlah hamba menyeberang dan melihat negeri yang baik di seberang Sungai Yordan itu, pergunungan yang baik, dan juga Lebanon.'

²⁶ Akan tetapi, Tuhan murka kepadaku kerana kamu dan tidak mahu mendengar permohonanku. Firman Tuhan kepadaku, 'Cukup! Jangan bicarakan lagi hal itu dengan-Ku.

²⁷ Naiklah ke puncak Gunung Pisga dan layangkanlah pandangan ke barat, ke utara, ke selatan, dan ke timur. Lihatlah dengan saksama, kerana engkau tidak akan menyeberangi Sungai Yordan ini. ²⁸ Berikanlah perintah kepada Yosua, kuatkanlah dan teguhkanlah hatinya, kerana dialah yang akan memimpin bangsa ini

menyeberang dan dialah yang akan memimpin mereka untuk mewarisi negeri yang akan engkau lihat itu.’²⁹ Maka tinggallah kita di lembah yang berseberangan dengan Bet-Peor.

Nasihat Musa supaya mematuhi hukum Allah

4¹ Sekarang, wahai Israel, dengarlah segala kanun dan peraturan yang kuajarkan kepadamu untuk kamu lakukan, supaya kamu dapat hidup dan selanjutnya dapat memasuki serta menduduki negeri yang dikurniakan kepadamu oleh Tuhan, Allah nenek moyangmu.² Jangan tambah ataupun kurangkan perkataan yang kusampaikan kepadamu. Dengan demikian, kamu berpegang teguh pada perintah-perintah Tuhan, Allahmu, yang kusampaikan kepadamu.³ Matamu sendiri telah melihat apa yang dilakukan Tuhan di Baal-Peor. Semua orang yang mengikuti Baal-Peor dibinasakan oleh Tuhan, Allahmu, daripada kalangan kamu.⁴ Akan tetapi, kamu semua yang teguh berpaut pada Tuhan, Allahmu, masih hidup sampai hari ini.

⁵ Ingatlah, seperti yang diperintahkan kepadaku oleh Tuhan, Allahku, aku telah mengajarmu segala kanun dan peraturan untuk dilaksanakan di negeri yang akan kamu masuki serta duduki

kelak. ⁶ Peganglah teguh dan lakukanlah semua itu, kerana semua itu akan menjadi hikmah dan kearifan kamu di hadapan mata bangsa-bangsa lain. Ketika mereka mendengar segala kanun ini, mereka akan berkata, 'Sesungguhnya, bangsa yang besar ini memang kalangan yang berhikmah dan arif!'

⁷ Bangsa besar manakah yang mempunyai tuhan yang sedemikian dekat kepada mereka seperti Tuhan, Allah kita dekat kepada kita bila-bila sahaja kita berseru kepada-Nya?

⁸ Bangsa besar manakah yang mempunyai segala kanun dan peraturan yang adil seperti seluruh hukum Taurat yang kusampaikan kepadamu pada hari ini? ⁹ Hanya, berhati-hatilah dan jagalah dirimu baik-baik. Jangan sampai kamu lupa akan hal-hal yang telah kamu lihat dengan matamu sendiri, dan jangan sampai semua itu lenyap daripada hatimu seumur hidupmu. Ceritakanlah kepada anak cucumu ¹⁰ tentang hari ketika kamu menghadap hadirat Tuhan, Allahmu, di Horeb. Pada waktu itu Tuhan berfirman kepadaku, 'Kumpulkanlah bangsa itu di hadapan-Ku. Aku akan memperdengarkan firman-Ku, supaya mereka dapat belajar bertakwa kepada-Ku seumur hidup mereka di bumi dan dapat mengajarkannya pula kepada anak-anak mereka.'

¹¹ Kemudian kamu tampil dekat dan berdiri di kaki gunung itu, sementara gunung itu menyala dengan api sampai ke pusat langit di tengah-tengah kegelapan, awan, dan kelam pekat. ¹² Lalu berfirmanlah Tuhan kepadamu dari tengah-tengah api itu. Bunyi firman itu kamu dengar, tetapi kamu tidak melihat sesuatu bentuk pun. Yang ada hanya suara. ¹³ Dia menyatakan kepadamu perjanjian-Nya dan memerintahkan kamu untuk melakukannya, yaitu Sepuluh Hukum, yang kemudian dituliskan-Nya pada dua buah loh batu. ¹⁴ Pada waktu itu, Tuhan memerintahkan aku untuk mengajarkan segala kanun dan peraturan ini kepadamu, supaya kamu melaksanakannya di negeri yang akan kamu masuki serta duduki kelak.

¹⁵ Kamu tidak melihat suatu wujud pun pada hari Tuhan berfirman kepadamu dari tengah-tengah api di Horeb. Oleh itu, jagalah dirimu baik-baik. ¹⁶ Jangan sampai kamu berlaku kufur lalu membuat untukmu patung berhala ukiran dalam wujud apa pun, baik berupa susuk lelaki mahupun perempuan, ¹⁷ susuk sesuatu binatang yang ada di darat, susuk seekor unggas

4:11: Kel 19:16-18; Ibr 12:18,19.

4:13: Kel 31:18; 34:28; Ul 9:10. **4:14:** Kel 21:1.

4:16: Kel 20:4; Im 26:1; Ul 5:8; 27:15. **4:17:** Rm 1:23.

bersayap yang terbang di udara, ¹⁸ susuk sesuatu binatang yang merayap di tanah, atau susuk sesuatu ikan yang ada di laut, di bawah bumi. ¹⁹ Jangan pula kamu melayangkan pandangan ke langit untuk memperhatikan matahari, bulan, dan bintang – semua benda langit – lalu kamu terdorong untuk sujud menyembah serta beribadat kepada benda-benda itu. Semua itu telah diberikan Tuhan, Allahmu, kepada segala bangsa di seluruh kolong langit sebagai bahagian mereka. ²⁰ Tetapi kamu, Tuhan telah mengambil dan membawa kamu keluar dari dapur peleburan besi, iaitu Mesir, untuk menjadikan kamu umat milik-Nya sendiri seperti yang terjadi pada hari ini. ²¹ Apatah lagi Tuhan murka kepadaku kerana kamu sehingga Dia bersumpah bahawa aku tidak akan menyeberangi Sungai Yordan dan tidak akan masuk ke negeri baik yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka. ²² Aku akan mati di negeri ini, dan aku tidak akan menyeberangi Sungai Yordan. Tetapi kamu akan menyeberanginya dan menduduki negeri yang baik itu. ²³ Berhati-hati, jangan sampai kamu lupa perjanjian Tuhan, Allahmu, yang telah diikat-Nya dengan kamu, dan membuat bagimu patung

4:20: Kel 19:5; Ul 7:6; 14:2; 26:18; Tit 2:14; 1Ptr 2:9.

4:21: Bil 20:12.

ukiran dalam apa-apa pun bentuk yang dilarang oleh Tuhan, Allahmu. ²⁴ Tuhan, Allahmu, adalah api yang menghanguskan, Allah yang cemburu.

²⁵ Apabila kamu telah beranak cucu dan menjadi tua di negeri itu lalu kamu berlaku kufur serta membuat patung ukiran dalam apa-apa bentuk pun, juga melakukan hal yang jahat di mata Tuhan, Allahmu, sehingga kamu membangkitkan kemurkaan-Nya, ²⁶ maka pada hari ini aku memanggil langit dan bumi untuk menjadi saksi ke atas kamu bahawa pasti kamu segera binasa daripada negeri yang akan kamu miliki setelah kamu menyeberangi Sungai Yordan. Umurmu tidak akan lanjut di sana, dan kamu pasti punah. ²⁷ Tuhan akan menceraikan kamu hingga kamu terdampar dalam kalangan bangsa, dan jumlahmu akan tinggal sedikit sahaja dalam kalangan bangsa tempat Tuhan menggiring kamu. ²⁸ Di sana kamu akan beribadat kepada tuhan buatan tangan manusia, iaitu kayu dan batu yang tidak dapat melihat, tidak dapat mendengar, tidak dapat makan, dan tidak dapat menghidu bau. ²⁹ Di sana pula kamu akan mencari hadirat Tuhan, Allahmu, dan kamu akan tetap menemui-Nya, asalkan kamu mencari hadirat-Nya dengan sepenuh hatimu dan dengan

sepenuh jiwamu. ³⁰ Dalam kesengsaraan kamu itu, ketika segala hal itu menimpamu pada kemudian hari, kamu akan kembali kepada Tuhan, Allahmu, dan akan mematuhi-Nya.

³¹ Tuhan, Allahmu, sememangnya Allah Yang Maha Penyayang. Dia tidak akan membuat kamu terlantar atau memusnahkan kamu. Dia tidak akan melupakan perjanjian dengan nenek moyangmu yang dibuat-Nya atas sumpah kepada mereka.

³² “Cubalah tanyakan dari hujung langit sampai ke hujung langit tentang zaman dahulu, zaman yang telah ada sebelum kamu. Sejak Allah menciptakan manusia di bumi, pernahkah terjadi hal sebesar ini atau pernahkah terdengar hal seperti ini? ³³ Pernahkah sesuatu bangsa mendengar suara Allah berfirman dari tengah-tengah api, seperti yang telah kamu dengar, dan tetap hidup? ³⁴ Atau, pernahkah sesuatu tuhan berupaya untuk mengambil baginya sesuatu bangsa daripada tengah-tengah bangsa lainnya dengan memberikan pelbagai cubaan, tanda ajaib, mukjizat, dan peperangan, serta dengan tangan yang kuat, lengan yang terhulur, dan kehebatan yang besar, seperti semua yang dilakukan bagimu oleh Tuhan, Allahmu, di Mesir,

di hadapan matamu? ³⁵ Hal-hal itu diperlihatkan kepadamu supaya kamu tahu bahawa Tuhan sememangnya Allah. Tidak ada yang lain selain Dia. ³⁶ Dari langit Dia memperdengarkan suara-Nya kepadamu untuk mengajar kamu, sementara di bumi Dia memperlihatkan api-Nya yang besar, dan firman-Nya kaudengar dari tengah-tengah api itu. ³⁷ Kerana Dia mengasihi nenek moyangmu, maka Dia memilih keturunan mereka. Dia menuntun kamu keluar dari Mesir dengan hadirat-Nya, iaitu dengan kuasa-Nya yang besar, ³⁸ dan mengusir dari hadapanmu bangsa-bangsa yang lebih besar dan lebih kuat daripada kamu, untuk membawa kamu masuk ke negeri mereka serta mengurniakan negeri itu kepadamu sebagai harta pusaka, seperti yang terjadi pada hari ini.

³⁹ Oleh sebab itu ketahuilah pada hari ini dan pahatlah dalam hatimu bahawa Tuhan ialah Allah yang ada di syurga, di atas, dan yang ada di bumi, di bawah. Tidak ada yang lain. ⁴⁰ Peganglah dengan teguh segala kanun-Nya dan segala perintah-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini supaya baik keadaan kamu serta keadaan anak-anakmu kelak, dan supaya panjang umurmu

di tanah yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sepanjang masa.”

Kota-kota perlindungan di seberang Sungai Yordan

⁴¹ Kemudian Musa mengkhususkan tiga buah kota di seberang Sungai Yordan, di sebelah timur, ⁴² supaya seorang yang membunuh sesamanya tanpa sengaja dan tanpa membenci orang itu sebelumnya dapat melarikan diri ke sana. Jika dia melarikan diri ke salah sebuah kota itu, maka dia dapat tetap hidup. ⁴³ Kota-kota itu ialah Bezer, untuk bani Ruben, terletak di gurun di daerah dataran tinggi; Ramot, untuk bani Gad, terletak di Gilead; dan Golan untuk bani Manasye, yang terletak di Basan.

Hukum Musa

⁴⁴ Inilah hukum Taurat yang dipaparkan Musa kepada orang Israel. ⁴⁵ Inilah peringatan, kanun, dan peraturan yang disampaikan Musa kepada orang Israel setelah mereka keluar dari Mesir, ⁴⁶ iaitu ketika mereka berada di seberang Sungai Yordan, di lembah yang berseberangan dengan Bet-Peor. Dulu tempat itu wilayah Sihon, raja bani Amori yang tinggal di Hesbon. Kemudian

Sihon dikalahkan oleh Musa dan orang Israel setelah mereka keluar dari Mesir.⁴⁷ Mereka menduduki negerinya dan juga negeri Og, negeri raja Basan. Kedua-duanya ialah raja bani Amori yang wilayahnya terletak di seberang Sungai Yordan, di sebelah timur,⁴⁸ mulai Aroer di tepi Sungai Arnon sampai Gunung Sion (iaitu Hermon),⁴⁹ dan seluruh Araba di seberang Sungai Yordan sebelah timur, sampai ke Laut Araba di kaki lereng Gunung Pisga.

Sepuluh hukum Allah

5¹ Musa memanggil semua orang Israel dan berkata kepada mereka, “Dengarlah, wahai Israel, segala kanun dan peraturan yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. Pelajarilah semua itu dan lakukanlah dengan setia.
² Tuhan, Allah kita, telah mengikat perjanjian dengan kita di Horeb.³ Bukan dengan nenek moyang kita Tuhan mengikat perjanjian ini, melainkan dengan kita, iaitu kita semua di sini yang masih hidup pada hari ini.⁴ Denganmu Tuhan bicara berhadap-hadapan di gunung, dari tengah-tengah api.⁵ (Pada waktu itu aku berdiri di antara Tuhan dengan kamu untuk memberitahukan firman Tuhan kepadamu, kerana kamu takut kepada api itu dan kamu tidak naik ke gunung itu.)

Dia berfirman, ⁶ 'Akulah Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan.

⁷ Jangan ada padamu tuhan-tuhan lain selain Aku.

⁸ Jangan buat patung ukiran untuk dirimu atau wujudkan apa pun yang ada di langit di atas, atau yang ada di bumi di bawah, atau di dalam air di bawah bumi.

⁹ Jangan sujud menyembahnya atau beribadat kepadanya, kerana Aku, Tuhan, Allahmu, Allah yang cemburu. Aku membalas kesalahan ayah kepada anak-anaknya, kepada keturunan ketiga dan keempat daripada kalangan yang membenci Aku. ¹⁰ Namun demikian, Aku menunjukkan kasih setia-Ku kepada keturunan yang keseribu dalam kalangan mereka yang mengasihi Aku dan yang taat berpegang teguh pada segala perintah-Ku.

¹¹ Jangan gunakan nama Tuhan, Allahmu, dengan sembarangan, kerana Tuhan akan memandang bersalah orang yang menggunakan nama-Nya dengan sembarangan.

¹² Peliharalah hari Sabat dan jagalah kesuciannya, seperti yang diperintahkan Tuhan,

Allahmu, kepadamu. ¹³ Enam hari lamanya kamu harus bekerja dan melakukan segala pekerjaanmu, ¹⁴ tetapi hari ketujuh ialah hari Sabat bagi Tuhan, Allahmu. Pada hari itu jangan melakukan pekerjaan apa-apa pun baik kamu, anak lelakimu, anak perempuanmu, hambamu yang lelaki, hambamu yang perempuan, lembumu, keldaimu, mahupun haiwanmu, juga pendatang yang ada di kotamu. Dengan demikian hambamu baik lelaki mahupun perempuan dapat beristirahat, sama seperti kamu. ¹⁵ Ingatlah bahawa kamu pun pernah menjadi hamba di Tanah Mesir, tetapi Tuhan, Allahmu, telah membawa kamu keluar dari sana dengan tangan yang perkasa dan lengan yang terhulur. Itulah sebabnya Tuhan, Allahmu, memerintahkan kamu untuk memelihara hari Sabat.

¹⁶ Hormatilah ibu bapamu, seperti yang telah diperintahkan Tuhan, Allahmu, kepadamu, supaya lanjut umurmu dan baik keadaanmu di tanah yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

¹⁷ Jangan membunuh.

5:13: Kel 23:12; 31:15; 34:21; 35:2; Im 23:3. **5:16 a:** Ul 27:16; Mat 15:4; 19:19; Mrk 7:10; 10:19; Luk 18:20; Ef 6:2; **b:** Ef 6:3. **5:17:** Kej 9:6; Im 24:17; Mat 5:21; 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20; Rm 13:9; Yak 2:11.

¹⁸ Jangan berzina.

¹⁹ Jangan mencuri.

²⁰ Jangan memberi kesaksian palsu terhadap sesamamu.

²¹ Jangan ingini isteri sesamamu. Jangan dambakan rumah sesamamu, demikian pula ladangnya, hambanya baik lelaki mahupun perempuan, lembunya, keldainya, atau apa-apa pun yang dimiliki oleh sesamamu.'

²² Itulah firman yang disampaikan Tuhan kepada seluruh jemaahmu dengan suara gemuruh di gunung, dari tengah-tengah api, awan, dan kelam pekat. Dia tidak menambahkan apa-apa lagi. Setelah itu, Dia menulis semua itu pada dua loh batu lalu menyerahkannya kepadaku.

Orang Israel takut menghadapi kemuliaan Allah

²³ Sebaik sahaja kamu mendengar suara itu di tengah-tengah kegelapan sementara gunung itu menyala-nyala dengan api, maka kamu, iaitu semua ketua sukumu dan tua-tuamu, mendatangi aku. ²⁴ Kamu berkata, 'Sesungguhnya

5:18: Im 20:10; Mat 5:27; 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20; Rm 13:9; Yak 2:11. **5:19:** Im 19:11; Mat 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20; Rm 13:9.

5:20: Kel 23:1; Mat 19:18; Mrk 10:19; Luk 18:20.

5:21: Rm 7:7; 13:9. **5:22:** Ibr 12:18,19.

Tuhan, Allah kita, telah memperlihatkan kepada kita kemuliaan-Nya dan kebesaran-Nya, bahkan kita telah mendengar suara-Nya dari tengah-tengah api. Pada hari ini kami telah melihat Allah berfirman kepada manusia tetapi manusia itu tetap hidup. ²⁵ Sekarang, mengapakah kami harus mati? Api yang besar ini akan menghanguskan kami! Jika lebih lama lagi kami mendengar suara Tuhan, Allah kita, kami akan mati. ²⁶ Kerana makhluk manakah yang dapat tetap hidup setelah mendengar suara Allah yang hidup itu berfirman dari tengah-tengah api, seperti yang kami dengar? ²⁷ Tuan sajalah yang tampil dekat dan mendengar semua yang difirmankan Tuhan, Allah kita. Setelah itu, sampaikanlah kepada kami segala yang difirmankan Tuhan, Allah kita, kepada tuan. Kami akan mendengar serta melaksanakannya.'

²⁸ Tuhan mendengar kata-katamu ketika kamu berbicara kepadaku. Lalu Tuhan berfirman kepadaku, 'Aku telah mendengar kata-kata yang disampaikan bangsa ini kepadamu. Semua yang dikatakan mereka itu baik. ²⁹ Kalau sahaja hati mereka tetap begitu, selalu takut kepada-Ku dan berpegang teguh pada segala perintah-Ku, sehingga keadaan mereka serta anak-anak mereka baik untuk selama-lamanya! ³⁰ Pergilah, katakan kepada mereka, "Kembalilah

ke khemahmu.”³¹ Akan tetapi, engkau tinggallah di sini bersama-sama Aku dan akan Aku sampaikan kepadamu segala perintah, kanun, dan peraturan yang harus kauajarkan kepada mereka, supaya mereka melaksanakannya di negeri yang Kukurniakan kepada mereka menjadi milik mereka.’

³² Jadi, lakukanlah semua itu dengan setia, seperti yang diperintahkan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Jangan menyimpang ke kanan atau ke kiri.³³ Tempuhlah segala jalan yang diperintahkan Tuhan, Allahmu, kepadamu supaya kamu dapat hidup, keadaan kamu baik, dan lanjut umurmu di negeri yang akan kamu miliki.

Perintah Tuhan yang terutama

6¹ Inilah perintah, iaitu segala kanun dan peraturan yang kuajarkan kepadamu atas perintah Tuhan, Allahmu, untuk dilaksanakan di negeri yang akan kamu masuki serta duduki,² supaya kamu dan anak cucumu takut kepada Tuhan, Allahmu, seumur hidupmu dengan berpegang teguh pada segala kanun serta perintah-Nya yang kusampaikan kepadamu, dan supaya lanjut umurmu.³ Jadi, dengarlah baik-baik, wahai Israel! Laksanakanlah semua itu dengan setia supaya baik keadaanmu dan supaya jumlahmu menjadi sangat ramai di negeri yang

berlimpah-limpah susu dan madu, seperti yang telah dijanjikan Tuhan, Allah nenek moyangmu, kepadamu.

Memelihara perintah Allah

⁴ Dengarlah, wahai Israel! Tuhan ialah Allah kita. Tuhan itu esa. ⁵ Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dan dengan sepenuh kekuatanmu. ⁶ Simpanlah dalam hatimu kata-kata yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. ⁷ Ajarkanlah kesemuanya dengan saksama kepada anak-anakmu dan bicarakanlah semua itu ketika engkau duduk di rumahmu, ketika engkau dalam perjalanan, ketika engkau berbaring, dan ketika engkau bangun. ⁸ Ikatkanlah semua itu sebagai tanda peringatan pada tangan dan dahimu, ⁹ kemudian tuliskanlah pada tiang-tiang pintu rumahmu dan pada pintu-pintu gerbangmu.

¹⁰ Apabila Tuhan, Allahmu, telah membawa engkau masuk ke negeri yang telah Dia sumpah untuk memberikan kepada nenek moyangmu, yaitu Abraham, Ishak, dan Yakub – kota-kota besar dan baik yang tidak engkau bangunkan,

6:4: Mrk 12:29. **6:5:** Mat 22:37; Mrk 12:30; Luk 10:27.

6:6: Ul 11:18-20.

6:10 a: Kej 12:7; **b:** Kej 26:3; **c:** Kej 28:13.

¹¹ rumah-rumah yang penuh dengan segala sesuatu yang baik yang tidak kauisi, perigi-perigi yang tidak kaugali, kebun-kebun anggur dan pokok-pokok zaitun yang tidak kautanam – dan engkau makan sampai kenyang, ¹² berhati-hatilah, jangan sampai kaulupakan Tuhan yang telah membawamu keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan. ¹³ Takutlah kepada Tuhan, Allahmu, beribadatlah kepada-Nya, dan bersumpahlah demi nama-Nya. ¹⁴ Jangan ikuti tuhan-tuhan lain, iaitu tuhan daripada bangsa-bangsa yang ada di sekelilingmu, ¹⁵ kerana Tuhan, Allahmu, yang hadir di tengah-tengahmu, sememangnya Allah yang cemburu. Jangan sampai murka Tuhan, Allahmu, menyala atasmu sehingga engkau dipunahkan-Nya dari muka bumi.

¹⁶ Janganlah engkau menduga Tuhan, Allahmu, seperti engkau menduga Dia di Masa. ¹⁷ Hendaklah kamu benar-benar berpegang teguh pada perintah-perintah Tuhan, Allahmu, serta segala peringatan dan kanun yang disampaikan-Nya kepadamu. ¹⁸ Lakukanlah apa yang benar dan baik di mata Tuhan, supaya keadaanmu baik dan engkau dapat memasuki

6:13: Mat 4:10; Luk 4:8.

6:16 a: Mat 4:7; Luk 4:12; **b:** Kel 17:1-7.

serta menduduki negeri yang baik, yang telah Tuhan sumpah untuk memberikan kepada nenek moyangmu ¹⁹ dengan mengusir semua musuhmu dari hadapanmu, seperti yang difirmankan Tuhan.

²⁰ Apabila anakmu bertanya kepadamu pada masa depan yang akan datang, 'Apakah maknanya, ketetapan, kanun dan peraturan yang diperintahkan Tuhan, Allah kita, kepadamu?'

²¹ maka katakanlah kepada anakmu, 'Dahulu kita hamba kepada Firaun di Mesir, tetapi Tuhan membawa kita keluar dari Mesir dengan tangan yang kuat. ²² Di depan mata kita, Tuhan mengadakan tanda-tanda ajaib serta mukjizat-mukjizat besar yang membawa bencana terhadap Mesir, terhadap Firaun, dan terhadap seisi istananya. ²³ Lalu Dia mengeluarkan kita dari sana, membawa kita masuk ke sini, dan memberikan kepada kita negeri ini, seperti yang telah Dia sumpah untuk memberikan kepada nenek moyang kita. ²⁴ Tuhan memerintahkan agar kita melaksanakan segala kanun ini serta takut kepada Tuhan, Allah kita, supaya keadaan kita sentiasa baik dan supaya kita tetap hidup seperti pada hari ini. ²⁵ Kita akan dinyatakan benar jika kita melaksanakan kesemua perintah itu dengan setia di hadapan Tuhan, Allah kita, seperti yang diperintahkan-Nya kepada kita.'

Umat pilihan Allah

7¹ Apabila Tuhan, Allahmu, membawa kamu ke negeri yang akan kaumasuki serta duduki, Dia akan mengusir banyak bangsa dari hadapanmu, iaitu orang Het, orang Girgasi, orang Amori, orang Kanaan, orang Feris, orang Hewi, dan orang Yebus iaitu tujuh jenis bangsa yang lebih besar dan lebih kuat daripada kamu. ² Pada masa Tuhan, Allahmu, menyerahkan mereka kepadamu sehingga mereka kamu kalahkan, hendaklah kamu menumpaskan mereka sama sekali. Jangan ikat perjanjian dengan mereka dan jangan kasihani mereka. ³ Jangan saling berkahwin dengan mereka. Jangan berikan anak perempuanmu kepada anak lelaki mereka, dan jangan ambil anak perempuan mereka untuk menjadi isteri kepada anak lelakimu, ⁴ kerana mereka akan membuat anak lelakimu menyimpang, tidak lagi mengikuti Aku, dan kemudian beribadat kepada tuhan-tuhan lain. Jika demikian halnya, maka murka Tuhan akan menyala atas kamu dan Dia akan membinasakan kamu dengan segera. ⁵ Sebaliknya, hendaklah kamu melakukan begini terhadap mereka: robohkanlah segala mazbah tempat pembakaran

korban mereka, hancurkanlah segala tiang berhala mereka, tebanglah patung berhala Asyera mereka, dan bakarlah habis patung-patung ukiran mereka, ⁶ kerana kamu umat yang suci bagi Tuhan, Allahmu. Kamu telah dipilih oleh Tuhan, Allahmu, untuk menjadi umat kesayangan-Nya daripada semua bangsa yang ada di muka bumi.

⁷ Tuhan terpaut kepadamu dan memilih kamu bukan kerana jumlahmu lebih besar daripada segala bangsa – sesungguhnya kamulah bangsa yang terkecil – ⁸ melainkan kerana Tuhan mengasihi kamu dan berpegang teguh pada sumpah yang diikrarkan-Nya kepada nenek moyangmu. Itulah sebabnya Tuhan membawa kamu keluar dengan tangan yang kuat dan membebaskan kamu daripada tempat perhambaan, daripada tangan Firaun, raja Mesir. ⁹ Oleh sebab itu ketahuilah bahawa Tuhan, Allahmu, Dia Allah, Allah yang setia, yang berpegang teguh pada perjanjian, dan menunjukkan rahmat-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya serta yang berpegang teguh pada perintah-perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan. ¹⁰ Tetapi terhadap

7:6: Kel 19:5; Ul 4:20; 14:2; 26:18; Tit 2:14; 1Ptr 2:9.

7:9: Kel 20:5,6; 34:6,7; Bil 14:18; Ul 5:9,10.

orang yang membenci-Nya, Dia mengadakan pembalasan dengan membinasakan orang itu. Dia tidak menunda-nunda untuk mengadakan pembalasan terhadap orang yang membenci-Nya. ¹¹ Oleh sebab itu lakukanlah dengan setia segala perintah, kanun, dan peraturan yang kusampaikan kepadamu pada hari ini.

Berkat dijanjikan bagi umat yang taat

¹² Jadi, apabila kamu mendengar dan mentaati segala peraturan itu serta melakukannya dengan bersungguh-sungguh, maka Tuhan, Allahmu, akan berpegang teguh pada perjanjian dan kasih-Nya yang abadi, yang telah Dia sumpah kepada nenek moyangmu. ¹³ Dia akan mengasihi kamu, memberkati kamu, dan meramaikan jumlahmu. Dia akan memberkati buah kandunganmu, hasil tanahmu, iaitu gandummu, anggurmumu, dan minyakmu, juga anak lembumu serta kawan dombamu di negeri yang telah Dia sumpah untuk memberikan kepada nenek moyangmu. ¹⁴ Kamu akan diberkati melebihi segala bangsa. Tidak akan ada seorang pun yang mandul dalam kalanganmu, baik lelaki mahupun perempuan, bahkan juga haiwan ternakanmu. ¹⁵ Tuhan akan menjauhkan segala penyakit daripada kamu.

Segala wabak dahsyat yang kamu ketahui di Mesir tidak akan ditimpakan-Nya ke atasmu, melainkan akan didatangkan-Nya kepada semua orang yang membenci kamu. ¹⁶ Kamu harus menghancurkan segala bangsa yang diserahkan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Jangan berasa hiba terhadap mereka dan jangan beribadat kepada tuhan mereka, kerana hal itu akan menjadi jerat bagimu.

¹⁷ Jika sekiranya kamu berfikir dalam hatimu, 'Bangsa-bangsa itu lebih besar daripada aku. Bagaimana dapat aku mengusir mereka?'

¹⁸ maka janganlah takut kepada mereka. Ingatlah baik-baik apa yang dilakukan Tuhan, Allahmu, terhadap Firaun dan terhadap semua orang Mesir, ¹⁹ iaitu cubaan-cubaan besar yang kamu lihat dengan matamu sendiri, tanda-tanda ajaib, mukjizat-mukjizat, tangan yang perkasa dan lengan yang terhulur. Dengan semua hal itu Tuhan, Allahmu, telah membawa kamu keluar. Demikian jugalah akan dilakukan Tuhan, Allahmu, terhadap segala bangsa yang kautakuti. ²⁰ Selain itu Tuhan, Allahmu, akan melepaskan serangga penyengat ke tengah-tengah mereka, sampai kalangan yang masih selamat dan yang menyembunyikan diri daripada kamu akan habis binasa. ²¹ Janganlah gentar terhadap mereka kerana Tuhan, Allahmu,

hadir di tengah-tengahmu. Dialah Allah yang besar dan teramat hebat. ²² Tuhan, Allahmu, akan menyingkirkan bangsa-bangsa itu dari hadapanmu secara beransur-ansur. Kamu tidak boleh memusnahkan mereka sama sekali, supaya jangan jumlah binatang liar melebihi jumlah kamu. ²³ Tuhan, Allahmu, akan menyerahkan mereka kepadamu dan mengacau-bilaukan mereka dengan hebat sampai mereka punah. ²⁴ Dia juga akan menyerahkan raja-raja mereka ke dalam tanganmu dan kamu akan melenyapkan nama mereka daripada kolong langit. Tiada seorang pun akan dapat bertahan di hadapanmu, sampai mereka kamu musnahkan. ²⁵ Hendaklah kamu membakar habis segala tuhan mereka yang berupa patung-patung ukiran. Janganlah kamu menginginkan perak dan emas yang ada pada mereka atau mengambilnya untuk dirimu, supaya jangan kamu terjebak olehnya, kerana perbuatan itu suatu kekejian kepada Tuhan, Allahmu. ²⁶ Apa yang dipandang keji oleh-Nya jangan kamu bawa masuk ke dalam rumahmu sehingga kamu pun perlu dikhususkan untuk dimusnahkan seperti barang-barang itu. Hendaklah kamu benar-benar membenci dan benar-benar memandang keji kesemua barang itu, kerana kesemuanya akan dikhususkan untuk dimusnahkan.

Pemberian Tuhan di gurun

8¹ Segala perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini wajib kamu lakukan dengan setia supaya kamu dapat hidup, bertambah ramai, dan dapat memasuki serta memiliki negeri yang telah Tuhan sumpah untuk memberikannya kepada nenek moyangmu.

² Ingatlah seluruh perjalanan yang kamu tempuh dalam pimpinan Tuhan, Allahmu, di gurun selama empat puluh tahun ini. Melalui semua itu Dia bermaksud untuk merendahkan hatimu, menguji kamu, dan mengetahui apa yang ada dalam hatimu, sama ada kamu mahu berpegang teguh pada segala perintah-Nya atau tidak.

³ Dia merendahkan hatimu, membiarkan kamu lapar, dan memberi kamu makan manna, iaitu makanan yang belum pernah dikenali, baik oleh kamu mahupun oleh nenek moyangmu, supaya kamu sedar bahawa manusia hidup bukan dengan roti sahaja, tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Tuhan.

⁴ Selama empat puluh tahun ini pakaianmu tidak menjadi usang pada tubuhmu dan kakimu pun tidak menjadi bengkok. ⁵ Maka sedarilah dalam hatimu bahawa seperti seseorang yang mendidik

anakNya, demikianlah Tuhan, Allahmu, mendidik kamu. ⁶ Oleh sebab itu peganglah dengan teguh pada segala perintah Tuhan, Allahmu, dengan cara tetap melangkah mengikut jalan-Nya serta takut kepada-Nya. ⁷ Tuhan, Allahmu, sedang menghantar kamu ke negeri yang baik, iaitu negeri dengan aliran sungai, mata air, dan sumber air yang dalam, yang memancar di lembah-lembah serta di gunung-gunung; ⁸ negeri dengan gandum, barli, pokok anggur, pokok ara, dan pokok delima; negeri dengan minyak zaitun dan madu. ⁹ Di negeri itu kamu akan makan roti tanpa harus berjimat, dan kamu tidak akan kekurangan sesuatu pun. Batu-batan di negeri itu juga mengandungi besi, dan daripada pergunungannya kamu dapat menggali tembaga. ¹⁰ Kamu akan makan sampai kenyang dan kamu akan memuji Tuhan, Allahmu, atas negeri yang baik yang dikurniakan-Nya kepadamu.

¹¹ Hati-hati, jangan sampai kamu lupa Tuhan, Allahmu, dengan tidak berpegang teguh pada segala perintah-Nya, peraturan-Nya, dan kanun-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. ¹² Setelah kamu makan sampai kenyang, setelah kamu membina rumah-rumah yang baik dan tinggal di dalamnya, ¹³ setelah bertambah

banyak kawanannya lembu dan kawanannya dombamu, juga perak dan emas kamu, serta segala sesuatu yang kamu miliki, ¹⁴ jangan sampai kamu menjadi takbur dan lupa Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan. ¹⁵ Dialah yang memimpin kamu berjalan di gurun yang luas dan menakutkan, tempat ular berbisa dan kala jengking, dengan tanah yang kering kontang dan tidak berair. Dialah yang telah memancarkan air bagimu dari batu pejal yang keras, ¹⁶ dan Dia jugalah yang telah memberi kamu makan manna di gurun, yaitu makanan yang belum pernah dikenal oleh nenek moyangmu. Maksud semua itu ialah untuk merendahkan hatimu serta menguji kamu, sehingga akhirnya membuahkannya kebaikan bagimu. ¹⁷ Jangan sampai kamu berkata dalam hatimu, 'Kekuatan dan keperkasaan tangankulah yang membuat aku memiliki kekayaan ini.'
¹⁸ Sebaliknya, ingatlah Tuhan, Allahmu, kerana Dialah yang memberikan kepadamu kekuatan untuk memperoleh kekayaan itu, demi meneguhkan perjanjian yang telah Dia sumpah kepada nenek moyangmu, seperti pada hari ini. ¹⁹ Jika kamu benar-benar melupakan Tuhan, Allahmu, lalu mengikuti tuhan-tuhan lain, beribadat kepada semua tuhan itu dan sujud menyembah kepadanya, maka pada hari ini aku

mengingatkan kamu bahawa kamu pasti binasa. ²⁰ Sama seperti bangsa-bangsa yang dibinasakan Tuhan di hadapanmu, demikianlah kamu akan dibinasakan, kerana kamu tidak mahu mematuhi Tuhan, Allahmu.

Orang Israel diberi peringatan

9 ¹ Dengarlah, wahai Israel! Pada hari ini kamu akan menyeberangi Sungai Yordan untuk memasuki dan menduduki wilayah bangsa-bangsa yang lebih besar dan lebih kuat daripadamu dengan kota-kota yang besar dan kubu-kubu yang mencapai langit. ² Orang di situ, iaitu bani Enak, seperti kamu ketahui ramai bilangannya dan tinggi. Malah kamu mendengar tentang mereka, ‘Siapakah yang mampu bertahan di hadapan bani Enak?’ ³ Tetapi ketahuilah pada hari ini bahawa Tuhan, Allahmu, Dialah yang akan maju di hadapanmu seperti api yang menhanguskan. Dia akan membinasakan kalangan itu dan akan menaklukkan mereka di hadapanmu. Dengan demikian kamu dapat mengusir dan membinasakan mereka dengan segera, seperti yang dijanjikan Tuhan kepadamu.

⁴ Setelah Tuhan, Allahmu, mengusir mereka dari hadapanmu, janganlah kamu berkata demikian dalam hatimu, ‘Kerana kesalihanku itu, maka Tuhan membawa aku masuk

menduduki negeri ini.' Padahal, kerana kefasiqan bangsa-bangsa itulah Tuhan mengusir mereka dari hadapanmu. ⁵ Bukan kesalihan^x atau ketulusan hatimu yang membuat kamu dapat masuk dan menduduki negeri mereka, melainkan kerana kefasiqan bangsa-bangsa itulah maka Tuhan, Allahmu, mengusir mereka dari hadapanmu demi menepati janji yang diikrarkan Tuhan atas sumpah kepada nenek moyangmu, iaitu Abraham, Ishak, dan Yakub. ⁶ Oleh sebab itu ketahuilah bahawa bukan kerana kesalihanmu, maka Tuhan, Allahmu, mengurniakan kepadamu negeri yang baik itu untuk diduduki. Sesungguhnya, engkau memang bangsa yang keras kepala!

Sejarah ketegaran orang Israel

⁷ Ingatlah dan jangan lupa bagaimana engkau membuat Tuhan, Allahmu, murka di gurun. Sejak engkau keluar dari Mesir sampai tiba di tempat ini, kamu terus menderhaka terhadap Tuhan. ⁸ Di Horeb kamu membuat Tuhan murka, hingga begitu marah Dia kepadamu dan hendak memusnahkan kamu. ⁹ Setelah aku naik ke gunung untuk menerima loh-loh batu, iaitu

^x9:5 Atau: Perbenaran.

9:9: Kel 24:18.

loh-loh berisi perjanjian yang diikat Tuhan dengan kamu, aku tinggal di gunung itu empat puluh hari empat puluh malam lamanya. Roti tidak kumakan dan air tidak kuminum. ¹⁰ Kemudian Tuhan menyerahkan kepadaku dua loh batu yang ditulis oleh tangan Allah sendiri. Pada kedua-dua loh batu itu tertulis segala firman yang disampaikan Tuhan kepadamu di gunung itu dari tengah-tengah api, pada hari kamu berkumpul.

¹¹ Selepas empat puluh hari empat puluh malam, Tuhan menyerahkan kepadaku kedua-dua loh batu itu, iaitu loh-loh perjanjian.

¹² Kemudian Tuhan berfirman kepadaku, 'Bangkitlah dan turunlah dengan segera dari sini, kerana bangsamu yang kaupimpin keluar dari Mesir itu telah berbuat kemungkaran. Begitu cepatnya mereka menyimpang daripada jalan yang Kuperintahkan kepada mereka. Mereka telah menempa sebuah patung daripada logam tuangan.'

¹³ Tuhan berfirman pula kepadaku, 'Aku telah melihat bangsa ini. Sesungguhnya, mereka memang bangsa yang keras kepala. ¹⁴ Usah halang Aku. Aku akan memusnahkan mereka dan menghapuskan nama mereka dari kolong langit. Tetapi engkau akan Kubuat menjadi sebuah bangsa yang lebih kuat dan lebih besar daripada mereka.'

¹⁵ Setelah itu, aku berpaling lalu turun dari gunung yang masih menyala-nyala itu dengan kedua-dua loh perjanjian di kedua-dua tanganku. ¹⁶ Kemudian aku menyaksikan bahawa kamu telah berdosa terhadap Tuhan, Allahmu. Kamu membuat bagi dirimu sebuah arca anak lembu tuangan. Begitu cepatnya kamu menyimpang daripada jalan yang diperintahkan Tuhan kepadamu. ¹⁷ Maka kugenggam kedua-dua loh itu, kuhempaskan daripada kedua-dua tanganku dan kupecahkan di hadapan matamu. ¹⁸ Setelah itu, aku bersujud di hadapan Tuhan seperti sebelumnya, empat puluh hari empat puluh malam lamanya. Roti tidak kumakan dan air tidak kuminum kerana segala dosa yang telah kamu lakukan. Kamu telah melakukan perkara yang jahat di mata Tuhan sehingga kamu membangkitkan kemurkaan-Nya. ¹⁹ Aku takut kerana Tuhan begitu murka dan marah terhadap kamu sehingga Dia hendak memusnahkan kamu. Namun demikian, kali itu pun Tuhan berkenan mendengar aku. ²⁰ Tuhan pun sangat murka terhadap Harun, sehingga Dia hendak membinasakannya. Maka pada waktu itu aku berdoa untuk Harun juga. ²¹ Kemudian kuambil hasil perbuatanmu yang penuh dosa, iaitu arca

anak lembu tuangan itu, lalu kubakar habis, kutumbuk, dan kugiling betul-betul sampai halus seperti debu. Setelah itu, kucampakkan debu itu ke sungai yang mengalir turun dari gunung.

²² Demikian jugalah di Tabera, di Masa, dan di Kibrot-Taawa, kamu membuat Tuhan murka.

²³ Pada waktu Tuhan menyuruh kamu pergi dari Kadesh-Barnea dengan berfirman, 'Majulah dan dudukilah negeri yang telah Kukurniakan kepadamu itu,' kamu menderhaka terhadap firman Tuhan, Allahmu. Kamu tidak percaya kepada-Nya dan tidak mahu mematuhi-Nya.

²⁴ Kamu telah menderhaka terhadap Tuhan sejak aku mengenal kamu.

²⁵ Maka bersujudlah aku di hadapan Tuhan. Empat puluh hari empat puluh malam lamanya aku bersujud kerana Tuhan telah berfirman hendak memusnahkan kamu. ²⁶ Aku berdoa kepada Tuhan demikian, 'Ya Tuhan Allah, janganlah musnahkan umat-Mu dan harta pusaka-Mu yang Kaubebaskan dengan kebesaran-Mu, dan yang Kaubawa keluar dari Mesir dengan tangan yang kuat. ²⁷ Ingatlah hamba-hamba-Mu, iaitu Abraham, Ishak, dan Yakub. Janganlah Kauperhatikan kekerasan hati

9:22 a: Bil 11:3; **b:** Kel 17:7; **c:** Bil 11:34.

9:23 a: Bil 13:17; **b:** Ul 1:21; **c:** Bil 13:31; Ul 1:26; Ibr 3:16.

bangsa ini, juga kefasiqan dan dosa mereka.

²⁸ Jangan sampai negeri, dari mana Kaubawa kami keluar, berkata, “Kerana Tuhan tidak sanggup membawa mereka masuk ke negeri yang dijanjikan-Nya kepada mereka, dan kerana kebencian-Nya terhadap mereka, Dia membawa mereka keluar lalu membunuh mereka di gurun.”

²⁹ Mereka ialah umat-Mu dan harta pusaka-Mu, yang Kaubawa keluar dengan kekuatan-Mu yang besar dan lengan-Mu yang terhulur.’

Riwayat tentang loh batu yang baru

10 ¹ Pada waktu itu Tuhan berfirman kepadaku, ‘Pahatlah dua keping loh batu seperti yang pertama itu, dan naiklah ke gunung menemui Aku. Buatlah juga sebuah tabut daripada kayu. ² Aku akan menuliskan pada loh-loh itu firman yang ada pada loh-loh pertama, yang telah kaupecahkan itu. Setelah itu, letaklah loh-loh itu di dalam tabut.’

³ Maka aku membuat sebuah tabut daripada kayu akasia dan memahat dua buah loh batu seperti yang mula-mula. Kemudian aku naik ke gunung dengan kedua-dua loh itu di tanganku.

⁴ Lalu Tuhan menulis semula pada loh-loh itu Sepuluh Perintah, seperti tulisan mula-mula, yang telah disampaikan-Nya kepadamu di gunung dari tengah-tengah api, pada hari kamu

berkumpul. Setelah itu, Tuhan menyerahkannya kepadaku. ⁵ Aku pun berpaling dan turun dari gunung, lalu kuletak loh-loh itu dalam tabut yang telah kubuat. Di situlah kedua-dua loh batu itu tersimpan, seperti yang diperintahkan Tuhan.

⁶ Orang Israel pun berangkat dari Beerot Bene-Yaakan ke Mosera. Di sanalah Harun meninggal dan dimakamkan. Maka Eleazar, anaknya, menggantikannya sebagai imam.

⁷ Dari sana mereka berangkat ke Gudgod, lalu dari Gudgod ke Yotbata, sebuah daerah yang bersungai-sungai. ⁸ Pada waktu itu Tuhan mengkhhususkan suku Lewi untuk mengusung tabut perjanjian Tuhan. Selain itu, mereka juga bertugas untuk menyelenggarakan ibadah di hadapan Tuhan serta menyampaikan berkat atas nama-Nya, sampai pada hari ini. ⁹ Oleh sebab itu orang Lewi tidak mendapat bahagian atau harta pusaka seperti halnya dengan para saudara mereka. Tuhan sendirilah yang menjadi harta pusaka mereka, seperti yang difirmankan Tuhan, Allahmu, kepada mereka.

¹⁰ Kemudian aku tinggal di gunung itu seperti sebelumnya, empat puluh hari empat puluh malam lamanya. Kali itu pun Tuhan berkenan mendengar aku, sehingga Tuhan

tidak memusnahkan engkau. ¹¹ Lalu firman Tuhan kepadaku, 'Bersiaplah, pimpinlah bangsa itu supaya mereka dapat memasuki serta menduduki negeri yang telah Aku sumpah untuk memberikan kepada nenek moyang mereka.'

Gesaan untuk mengasihi Allah dan juga manusia

¹² Sekarang, wahai orang Israel, apakah yang dituntut Tuhan, Allahmu, daripada dirimu? Tidak lain daripada takut kepada Tuhan, Allahmu, hidup menurut segala jalan-Nya, mengasihi-Nya, beribadat kepada Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh jiwamu, ¹³ serta berpegang teguh pada segala perintah Tuhan dan segala kanun-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, supaya baik keadaanmu. ¹⁴ Sesungguhnya, Tuhan, Allahmu, yang empunya langit, bahkan langit di atas segala langit, juga bumi dengan segala isinya. ¹⁵ Meskipun begitu, kepada nenek moyangmulah Tuhan terpaut sehingga Dia mengasihi mereka dan memilih kamu, iaitu keturunan mereka, daripada segala bangsa seperti yang terjadi pada hari ini. ¹⁶ Oleh sebab itu, sunatlah hatimu dan jangan lagi keras kepala. ¹⁷ Tuhan, Allahmu, sememangnya Allah

10:17: 1Tim 6:15; Why 17:14; 19:16; Kis 10:34; Rm 2:11; Gal 2:6; Ef 6:9.

segala allah, Tuhan segala tuhan, Allah yang besar, perkasa, dan tersangat hebat, yang tidak memilih kasih serta tidak menerima sogokan. ¹⁸ Dia membela hak anak yatim dan balu. Dia mengasihi kaum pendatang, dan memberikan kepada mereka makanan serta pakaian. ¹⁹ Oleh sebab itu hendaklah kamu mengasihi kaum pendatang, kerana kamu pun pernah menjadi pendatang di Tanah Mesir. ²⁰ Takutlah kepada Tuhan, Allahmu, dan beribadatlah kepada-Nya. Berpautlah kepada-Nya dan bersumpahlah demi nama-Nya. ²¹ Dialah pokok puji-pujian kamu dan Dialah Allahmu, yang telah melakukan perbuatan-perbuatan yang besar dan teramat hebat bagimu, seperti yang telah kaulihat dengan matamu. ²² Ketika nenek moyangmu pergi ke Mesir, jumlah mereka tujuh puluh jiwa. Tetapi sekarang Tuhan, Allahmu, telah menjadikan kamu sebanyak bintang-bintang di langit.

Mengulangi seruan agar umat sentiasa taat

11 ¹ Maka hendaklah kamu mengasihi Tuhan, Allahmu, dan memegang dengan teguh segala kewajipanmu kepada-Nya, juga segala ketetapan, kanun, serta perintah-Nya. ² Fahamkanlah betapa aku sekarang bukannya

berbicara kepada anak-anakmu, yang tidak mengenal dan tidak mengalami didikan Tuhan, Allahmu. Kamulah yang mengetahui kebesarannya, tangan-Nya yang perkasa, lengan-Nya yang terhulur,³ tanda-tanda ajaib-Nya, dan segala perbuatan yang dilakukan-Nya di Mesir terhadap Firaun, raja Mesir, serta seluruh negerinya.

⁴ Kamu tahu apa yang dilakukan-Nya terhadap pasukan Mesir dan terhadap kuda-kuda serta segala rata mereka, bagaimana Dia membuat air Laut Merah meluap melanda mereka saat mereka mengejar kamu, dan bagaimana Tuhan menenyapkan mereka sampai hari ini. ⁵ Kamu pun tahu apa yang dilakukan-Nya terhadap kamu di gurun hingga kamu sampai di tempat ini, ⁶ juga apa yang dilakukan-Nya terhadap Datan dan Abiram, anak-anak Eliab keturunan Ruben, ketika bumi mengangakan mulutnya dan menelan mereka berserta keluarga mereka, khemah-khemah mereka, dan semua yang hidup yang mengikuti mereka di tengah-tengah semua orang Israel. ⁷ Dengan matamu sendiri kamu telah melihat segala perbuatan besar yang telah dilakukan Tuhan.

11:3: Kel 7:8—12:13. **11:4:** Kel 14:28.

11:6: Bil 16:31,32.

Kelimpahan di tanah yang dijanjikan

⁸ Maka hendaklah kamu berpegang teguh pada segala perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, supaya kamu kuat untuk memasuki serta menduduki negeri yang akan kamu miliki setelah kamu menyeberang, ⁹ dan supaya lanjut umurmu di tanah yang telah disumpahkan Tuhan kepada nenek moyangmu untuk memberikannya kepada mereka serta keturunan mereka, iaitu negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu.

¹⁰ Sesungguhnya, negeri yang akan kamu masuki dan akan kamu duduki itu tidak seperti Tanah Mesir, tempat yang telah kamu tinggalkan. Di Mesir, setelah kamu menyemai benih, kamu perlu mengairinya dengan susah payah seperti kebun sayur. ¹¹ Akan tetapi, negeri yang akan kamu masuki untuk kamu duduki itu sebuah negeri yang bergunung-gunung dan berlembah-lembah, yang menyerap air hujan dari langit. ¹² Tuhan, Allahmu, memelihara negeri itu; mata Tuhan, Allahmu, selalu memerhatikannya sejak awal tahun sampai akhir tahun.

¹³ Jadi, jika kamu sungguh-sungguh mendengar perintah-perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, iaitu mengasihi Tuhan, Allahmu,

serta beribadat kepada-Nya dengan sepenuh hati dan sepenuh jiwamu, ¹⁴ maka Dia juga akan menurunkan hujan bagi negerimu pada musimnya, baik hujan awal musim mahupun hujan akhir musim, sehingga kamu dapat mengumpulkan hasil gandummu, anggurmu, dan minyakmu. ¹⁵ Dia akan menyediakan tumbuh-tumbuhan di padangmu bagi ternakanmu, dan kamu pun akan makan sampai kenyang. ¹⁶ Berhati-hati, jangan sampai kamu tertipu oleh pujuk rayu sehingga kamu menyimpang lalu beribadat kepada tuhan-tuhan lain dan sujud menyembah tuhan-tuhan itu. ¹⁷ Jika demikian halnya, maka akan menyala-nyalalah murka Tuhan terhadap kamu. Dia akan menutup langit sehingga tidak ada hujan, dan tanah tidak akan memberikan hasil. Kamu pun akan lenyap dengan segera dari negeri yang baik, yang dikurniakan Tuhan kepadamu.

¹⁸ Letaklah perkataan-perkataanku ini dalam hati dan jiwamu, ikatkanlah sebagai suatu tanda peringatan pada tangan dan dahimu.

¹⁹ Ajarkanlah perkara ini kepada anak-anakmu dan bicarakanlah ketika engkau duduk di rumahmu, ketika engkau dalam perjalanan, ketika engkau berbaring, dan ketika engkau

bangun. ²⁰ Kemudian tuliskanlah pada tiang-tiang pintu rumahmu dan pada pintu-pintu gerbangmu. ²¹ Dengan demikian, akan panjanglah umurmu dan umur anak-anakmu di negeri yang telah disumpahkan Tuhan untuk memberikannya kepada nenek moyangmu selama langit ada di atas bumi.

²² Jika kamu benar-benar berpegang teguh pada segala perintah yang kusampaikan kepadamu dan teliti melakukannya, yaitu mengasihi Tuhan, Allahmu, hidup menurut segala jalan-Nya, dan berpaut kepada-Nya, ²³ maka Tuhan akan mengusir semua bangsa ini dari hadapanmu, dan kamu akan menduduki wilayah bangsa-bangsa yang lebih besar serta lebih kuat daripada kamu. ²⁴ Setiap tempat yang dipijak oleh telapak kakimu akan menjadi milikmu. Daerahmu akan terbentang dari gurun sampai Lebanon, dan dari sungai itu, yaitu Sungai Efrat, sampai laut di sebelah barat. ²⁵ Tiada seorang pun akan dapat bertahan di hadapanmu. Tuhan, Allahmu, akan mendatangkan rasa gentar dan rasa takut terhadap kamu di seluruh negeri yang akan kamu pijak, seperti yang dijanjikan-Nya kepadamu.

²⁶ Lihatlah, pada hari ini aku menghadapkan kepadamu berkat dan kutukan. ²⁷ Berkat kamu

terima jika kamu mendengar perintah-perintah Tuhan, Allahmu, yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. ²⁸ Kutukan kamu terima jika kamu tidak mahu mendengar perintah-perintah Tuhan, Allahmu, dan menyimpang daripada jalan yang kuperintahkan kepadamu pada hari ini dengan mengikuti tuhan-tuhan lain yang tidak kamu kenal. ²⁹ Jadi, setelah Tuhan, Allahmu, membawa kamu ke negeri yang akan kaumasuki serta duduki, kamu mesti mengucapkan berkat di Gunung Gerizim dan kutukan di Gunung Ebal. ³⁰ Bukankah kedua-dua gunung itu terletak di seberang Sungai Yordan, di belakang jalan menuju ke arah matahari terbenam, dalam wilayah bani Kanaan di Araba yang berseberangan dengan Gilgal, dekat pokok-pokok oak di More? ³¹ Kamu sudah hendak menyeberangi Sungai Yordan untuk masuk dan menduduki negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Setelah kamu mendudukinya dan tinggal di situ, ³² lakukanlah dengan setia segala kanun dan peraturan yang kusampaikan kepadamu pada hari ini.

Satu-satunya tempat ibadat

12 ¹ Inilah segala kanun dan peraturan yang harus kamu lakukan dengan setia di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allah nenek moyangmu, kepadamu untuk kamu miliki selama kamu hidup di bumi. ² Musnahkanlah sama sekali semua tempat yang digunakan oleh bangsa-bangsa yang kamu halau itu untuk beribadat kepada tuhan mereka, yaitu tempat-tempat di atas gunung-gunung tinggi, di atas bukit-bukit, dan di bawah setiap pokok yang rimbun. ³ Robohkanlah mazbah-mazbah mereka, hancurkanlah tiang-tiang berhala mereka, dan bakarlah habis patung-patung Asyera mereka. Tebanglah patung-patung ukiran mereka, yaitu tuhan mereka, dan lenyapkanlah nama-nama mereka dari tempat itu.

⁴ Janganlah kamu beribadat seperti mereka itu apabila kamu menyembah Tuhan, Allahmu. ⁵ Sebaliknya, carilah tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, daripada kalangan semua sukumu sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya, dan pergilah ke sana. ⁶ Bawalah ke sana korban bakaranmu, korban sembelihanmu, persembahan sepersepuluh kamu, persembahan

khususmu, korban nazarmu, korban sukarela kamu, dan anak-anak sulung daripada kawanan lembu dan kawanan dombamu. ⁷ Hendaklah kamu dan keluargamu makan di hadapan Tuhan, Allahmu itu, dan bersuka ria atas segala usahamu, kerana Tuhan, Allahmu, telah memberkatimu.

⁸ Jangan lakukan seperti yang kita lakukan sekarang di sini, dengan masing-masing melakukan apa sahaja yang betul menurut pandangannya. ⁹ Memang sampai sekarang kamu belum masuk ke tujuan akhir, iaitu harta pusaka yang dikurniakan kepadamu oleh Tuhan, Allahmu, ¹⁰ tetapi nanti kamu akan menyeberangi Sungai Yordan dan tinggal di negeri yang diberikan Tuhan, Allahmu, menjadi harta pusakamu. Setelah Dia mengurniakan kepadamu ketenteraman daripada semua musuh di sekelilingmu dan kamu tinggal dengan aman, ¹¹ bawalah semua yang kuperintahkan kepadamu, iaitu korban bakaranmu, korban sembelihanmu, persembahan sepersepuluh kamu, persembahan khususmu, dan segala korban nazarmu yang terpilih, yang kamu nazarkan kepada Tuhan, ke tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya. ¹² Bersuka rialah di hadapan Tuhan, Allahmu, bersama-sama anak-anakmu dan hamba-hambamu, baik

lelaki mahupun perempuan, serta bani Lewi yang ada di kotamu – kerana tidak seperti kamu, bani Lewi tidak mendapat bahagian atau harta pusaka. ¹³ Berhati-hatilah jangan sampai kamu persembahkan segala korban bakaranmu di sembarangan tempat yang kaulihat. ¹⁴ Persembahkanlah korban bakaranmu hanya di tempat yang akan dipilih Tuhan di daerah satu daripada sukumu, dan hendaklah di sana kamu melakukan segala sesuatu yang kuperintahkan kepadamu.

¹⁵ Meskipun begitu, engkau boleh menyembelih haiwan dan memakan dagingnya sesuka hatimu di kota mana pun kamu tinggal, selaras dengan berkat yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Baik orang yang bernajis mahupun orang suci boleh memakannya seperti memakan daging kijang atau daging rusa. ¹⁶ Hanya, darahnya jangan kamu makan. Tumpahkanlah darah itu ke tanah seperti air. ¹⁷ Persembahkan sepersepuluh daripada gandummu, anggurmumu, minyakmu, anak-anak sulung daripada kawanan lembu dan kawanan dombamu, segala korban nazar yang kamu nazarkan, korban sukarela kamu, atau persembahan khususmu tidak boleh kamu makan di kota-kotamu. ¹⁸ Baik engkau,

anak lelakimu, anak perempuanmu, hambamu yang lelaki, hambamu yang perempuan, mahupun bani Lewi yang ada di kotamu, harus memakannya di hadapan Tuhan, Allahmu, iaitu di tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu. Bersuka rialah di hadapan Tuhan, Allahmu, atas segala usaha kamu. ¹⁹ Ingat, jangan sampai kauabaikan bani Lewi selama engkau tinggal di tanahmu.

²⁰ Apabila Tuhan, Allahmu, telah meluaskan daerahmu seperti yang dijanjikan-Nya kepadamu dan kamu berkata, 'Aku hendak makan daging,' kerana engkau ingin makan daging, maka engkau boleh makan daging sesuka hatimu. ²¹ Jika tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, untuk menegakkan nama-Nya itu terlalu jauh dari tempatmu, maka engkau boleh menyembelih haiwan dari kawanan lembu dan kawanan domba yang dikurniakan Tuhan kepadamu, seperti kuperintahkan kepadamu, dan memakannya di kota-kotamu sesuka hatimu. ²² Makanlah seperti kamu memakan daging kijang atau daging rusa; orang yang bernajis ataupun yang suci sama-sama boleh memakannya. ²³ Hanya, ingatlah baik-baik, jangan kamu makan darahnya kerana darah ialah nyawa. Kamu tidak

boleh memakan nyawa bersama-sama daging.

²⁴ Jangan makannya, tetapi tumpahkanlah ke tanah seperti air. ²⁵ Jangan makannya supaya

keadaanmu dan keadaan anak-anakmu kelak akan baik, kerana engkau melakukan apa yang benar di mata Tuhan. ²⁶ Akan tetapi,

barang-barang suci yang ada padamu dan korban-korban nazarmu harus kauangkut serta kaubawa ke tempat yang akan dipilih

Tuhan. ²⁷ Persembahkanlah korban bakaranmu, iaitu daging dan darahnya, di atas mazbah

Tuhan, Allahmu. Darah korban sembelihanmu itu harus dicurahkan pada mazbah Tuhan,

Allahmu, sedangkan dagingnya boleh kaumakan.

²⁸ Taatilah semua kata yang kuperintahkan

kepadamu ini. Dengan demikian keadaanmu dan keadaan anak-anakmu kelak akan baik untuk

selama-lamanya, kerana engkau melakukan apa yang baik dan benar di mata Tuhan, Allahmu.

Amaran terhadap penyembahan berhala

²⁹ Apabila Tuhan, Allahmu, melenyapkan bangsa-bangsa daripadamu dan daerah mereka kamu masuki serta duduki, dan apabila kamu telah mengusir mereka serta tinggal di negeri mereka, ³⁰ berhati-hatilah supaya jangan sampai engkau terjerat sehingga engkau mengikuti perilaku mereka sesudah mereka dipunahkan

daripada hadapanmu. Jangan sampai engkau bertanya-tanya tentang tuhan mereka seperti ini, 'Bagaimana bangsa-bangsa ini menyembah tuhan mereka? Aku juga mahu berbuat sebegitu.'

³¹ Jangan berbuat seperti itu terhadap Tuhan, Allahmu. Sesungguhnya, kalangan itu telah melakukan segala hal keji yang dibenci Tuhan itu demi tuhan mereka. Bahkan mereka membakar anak-anak mereka sendiri, baik lelaki mahupun perempuan, sebagai korban bagi tuhan mereka.

³² Hendaklah kamu taat melakukan segala hal yang kuperintahkan kepadamu. Janganlah kamu tambah apa-apa kepadanya dan jangan juga kurangkan satu apa pun daripadanya.

Peringatan tentang ibadat yang sesat

13 ¹ Seandainya muncul seorang nabi atau seorang pemimpi dalam kalangan kamu, dan dia menunjukkan kepadamu suatu tanda ajaib atau mukjizat, ² lalu tanda ajaib atau mukjizat yang dikatakannya kepadamu itu terjadi dan dia berkata, 'Mari kita mengikuti tuhan-tuhan lain, iaitu tuhan-tuhan yang tidak kaukenal, dan mari kita beribadat kepadanya,' ³ jangan dengarkan kata-kata nabi atau pemimpi itu, kerana Tuhan, Allahmu, sedang menguji

kamu untuk mengetahui adakah kamu sungguh-sungguh mengasihi Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh jiwamu.

⁴ Ikutilah Tuhan, Allahmu, dan takutlah kepada-Nya. Taatilah betul-betul segala perintah-Nya dan patuhilah Dia. Beribadatlah kepada-Nya dan berpautlah kepada-Nya. ⁵ Hendaklah nabi atau pemimpi itu dihukum mati kerana dia telah mencetuskan api pemberontakan terhadap Tuhan, Allahmu, yang membawa kamu keluar dari Tanah Mesir dan yang membebaskan engkau dari tempat perhambaan. Pemimpi itu bermaksud menyesatkan kamu daripada mengikuti jalan yang sepatutnya kamu tempuhi sebagaimana yang diperintahkan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Oleh itu, singkirkanlah yang jahat itu daripada kalangan kamu.

⁶ Seandainya saudara lelakimu, iaitu anak lelaki ibumu, atau anak lelakimu, atau anak perempuanmu, atau isterimu sendiri yang dikasihi, atau sahabatmu yang paling karib memujuk engkau secara diam-diam dengan berkata, 'Mari kita beribadat kepada tuhan-tuhan lain,' tuhan-tuhan yang tidak kamu kenal atau dikenali oleh nenek moyangmu, ⁷ iaitu tuhan daripada bangsa-bangsa yang ada di sekelilingmu, baik yang dekat mahupun yang jauh, dari satu hujung bumi sampai ke hujung

bumi yang lagi satu, ⁸ jangan ikuti dan jangan dengarkan pujukannya. Jangan berasa kasihan terhadapnya dan jangan lindungi dia, ⁹ melainkan hendaklah engkau menjalankan hukum mati atasnya. Hendaklah tanganmu yang pertama sekali bergerak untuk menjalankan hukum mati atasnya, kemudian barulah tangan seluruh umat pula. ¹⁰ Rejamlah dia dengan batu hingga mati kerana dia berusaha menyesatkan engkau daripada Tuhan, Allahmu, yang telah membawa engkau keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan. ¹¹ Maka semua orang Israel akan mendengar hal itu dan menjadi takut, sehingga mereka tidak lagi melakukan perkara jahat seperti itu dalam kalangan kamu.

¹² Jika kamu terdengar orang berkata di salah sebuah kota yang dikurniakan untuk kamu diami oleh Tuhan, Allahmu, ¹³ bahawa daripada kalangan kamu muncul beberapa orang tidak berguna yang menyesatkan penduduk kota mereka dengan berkata, 'Mari kita beribadat kepada tuhan-tuhan lain,' iaitu tuhan-tuhan yang tidak kamu kenal, ¹⁴ maka hendaklah kamu teliti menanyakan, memeriksa, dan meneliti hal itu baik-baik. Kalau ternyata hal itu benar dan sudah pasti bahawa hal keji itu dilakukan dalam kalangan kamu, ¹⁵ maka hendaklah kamu menghentam penduduk kota itu dengan mata

pedang. Tumpaslah kota itu serta segala isinya dan juga ternakannya dengan mata pedang. ¹⁶ Kumpulkanlah segala jarahan ke tengah-tengah lapangan, lalu bakarlah habis kota dengan jarahan itu sekali gus untuk dipersembahkan kepada Tuhan, Allahmu. Semua itu akan menjadi timbunan puing untuk selama-lamanya dan tidak akan dibangunkan semula. ¹⁷ Jangan biarkan satu apa pun daripada barang-barang yang dikhususkan untuk dimusnahkan itu melekat pada tanganmu. Dengan demikian Tuhan akan berpaling daripada kemurkaan-Nya yang menyala-nyala, menunjukkan belas kasihan-Nya kepadamu, menyayangi engkau, dan membuat engkau menjadi ramai, seperti yang telah Dia sumpah untuk memberikan kepada nenek moyangmu, ¹⁸ kerana engkau mematuhi Tuhan, Allahmu, berpegang teguh pada segala perintah-Nya yang aku sampaikan kepadamu pada hari ini, dan melakukan apa yang benar di mata Tuhan, Allahmu.

Antara yang suci dan yang duniawi

14 ¹ Kamu anak-anak bagi Tuhan, Allahmu maka janganlah menoreh tubuhmu atau menggondolkan rambut di atas dahimu kerana

kematian seseorang. ² Engkau umat yang suci bagi Tuhan, Allahmu, dan engkau telah dipilih Tuhan untuk menjadi umat kesayangan-Nya daripada segala bangsa yang ada di bumi.

³ Jangan makan sesuatu yang keji lagi terlarang. ⁴ Inilah haiwan yang boleh kamu makan: lembu, domba, kambing, ⁵ rusa, kijang, pelanduk, kambing hutan, kijang gunung, antelop, dan domba gunung. ⁶ Semua haiwan antara kawanan ternakan yang terbelah kuku kakinya, iaitu yang kukunya terbahagi dua sama sekali, dan yang mengunyah bahan mamahan, boleh kamu makan. ⁷ Namun begitu, haiwan-haiwan yang hanya mengunyah bahan mamahan atau hanya terbelah kuku kakinya jangan kamu makan. Unta, arnab, dan landak jangan kamu makan, kerana semua haiwan itu memang mengunyah bahan mamahan tetapi tidak terbelah kuku kakinya. Jadi, semua itu haram bagimu. ⁸ Demikian pula babi, kerana haiwan ini memang terbelah kuku kakinya tetapi tidak mengunyah bahan mamahan. Jadi, haiwan itu haram bagimu. Jangan kamu makan daging haiwan-haiwan itu, dan jangan juga kamu sentuh bangkainya.

⁹ Inilah yang boleh kamu makan daripada segala yang hidup di dalam air: segala yang bersirip dan

bersisik. ¹⁰ Segala yang tidak bersirip dan tidak bersisik jangan kamu makan. Haiwan itu haram bagimu.

¹¹ Segala burung yang halal boleh kamu makan.

¹² Inilah yang tidak boleh kamu makan: burung rajawali, burung hering berjanggut, burung hering hitam, ¹³ burung lang, pelbagai jenis burung reng, ¹⁴ segala jenis burung gagak, ¹⁵ burung unta, jampuk, camar, pelbagai jenis burung helang, ¹⁶ burung punggung, burung hantu besar, burung hantu putih, ¹⁷ burung undan, burung lang hitam, burung dendang air, ¹⁸ burung ranggung, jenis-jenis burung bangau, burung hudhud, dan kelawar.

¹⁹ Semua serangga bersayap adalah haram bagimu, tidak boleh dimakan. ²⁰ Segala haiwan bersayap yang halal boleh kamu makan.

²¹ Jangan engkau makan bangkai apa-apa pun, kerana engkau umat yang suci bagi Tuhan, Allahmu. Namun demikian, engkau boleh memberikannya kepada pendatang yang ada di kotamu untuk dimakan olehnya, atau menjualnya kepada bangsa asing.

Jangan rebus anak kambing di dalam air susu induknya.

Persembahan sepersepuluh

²² Hendaklah kamu mempersembahkan sepersepuluh daripada segala hasil benih yang tumbuh di ladangmu, tahun demi tahun.

²³ Makanlah persembahan sepersepuluh daripada gandummu, anggurmumu, minyakmu, dan anak-anak sulung daripada kawanan lembumu atau kawanan dombamu di hadapan Tuhan, Allahmu, iaitu di tempat yang akan dipilih-Nya sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya. Dengan demikian engkau belajar untuk sentiasa bertakwa kepada Tuhan, Allahmu. ²⁴ Akan tetapi, jika perjalanannya terlalu jauh bagimu kerana tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, untuk menegakkan nama-Nya itu terlalu jauh daripadamu, padahal Tuhan, Allahmu, telah memberkati kamu sedemikian sehingga kamu tidak dapat mengangkut persembahan sepersepuluh kamu, ²⁵ maka hendaklah engkau menukarnya dengan wang. Bungkuslah wang itu dan bawalah ke tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu. ²⁶ Belanjakanlah wang itu untuk sesuatu yang disukai hatimu – lembu, domba, atau air anggur, atau minuman hasil petapaian, atau apa-apa pun yang diinginkan hatimu –

lalu engkau bersama dengan keluargamu harus makan dan bersuka ria di sana, di hadapan Tuhan, Allahmu.

²⁷ Jangan abaikan bani Lewi yang ada di kotamu, kerana mereka tidak mendapat bahagian atau harta pusaka seperti halnya kamu. ²⁸ Pada akhir setiap tiga tahun, keluarkanlah segala persembahan sepersepuluh dari hasil usaha kamu dalam tahun itu dan tempatkanlah di kotamu, ²⁹ supaya orang Lewi, yang tidak mendapat bahagian atau harta pusaka seperti kamu, demikian pula para pendatang, anak yatim, dan balu yang ada di kotamu dapat datang dan makan sampai kenyang. Dengan demikian Tuhan, Allahmu, akan memberkati segala pekerjaan yang dilakukan tanganmu.

Pembebasan hamba tebusan

15 ¹ Hendaklah kamu mengadakan pembatalan hutang pada akhir setiap tujuh tahun. ² Beginilah cara pembatalan hutang itu: hendaklah setiap pemiutang melepaskan apa yang dipinjamkannya kepada sesamanya. Tidak boleh dia menagih hutangnya daripada sesamanya ataupun saudaranya kerana pembatalan hutang telah dimaklumkan Tuhan. ³ Engkau boleh menagih hutang daripada orang

asing, tetapi hendaklah engkau lepaskan apa pun milikmu yang ada pada saudaramu.

⁴ Meskipun begitu, tidak akan ada fakir miskin dalam kalangan engkau kerana Tuhan pasti memberkati engkau di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka untuk engkau duduki, ⁵ asalkan engkau sungguh-sungguh mematuhi Tuhan, Allahmu, dan melakukan dengan setia segala perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. ⁶ Tuhan, Allahmu, akan memberkati engkau seperti yang dijanjikan-Nya kepadamu, dan engkau akan memberikan pinjaman kepada banyak bangsa, tetapi engkau sendiri tidak akan meminjam. Engkau akan menguasai banyak bangsa, tetapi mereka tidak akan menguasai engkau.

⁷ Apabila antaramu ada orang miskin, iaitu salah seorang saudaramu di kota mana pun di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu, maka jangan keraskan hatimu dan jangan tutup tanganmu terhadap saudaramu yang miskin itu. ⁸ Sebaliknya, bukalah tanganmu lebar-lebar baginya dan berilah pinjaman dengan murah hati kepadanya untuk mencukupkan sebarang kekurangan yang dialaminya. ⁹ Hati-hati, jangan sampai tersimpan fikiran tidak wajar seperti

ini dalam hatimu, 'Hampir tiba tahun ketujuh, iaitu tahun pembebasan hutang,' lalu engkau memandang saudaramu yang miskin itu dengan mata yang jahat dan tidak memberikan apa-apa kepadanya. Dia akan berseru kepada Tuhan mengenai engkau, dan engkau akan menjadi berdosa. ¹⁰ Berilah dengan murah hati. Janganlah hatimu berat ketika engkau memberikan kepadanya. Maka kerana hal itu Tuhan, Allahmu, akan memberkati segala pekerjaanmu dan segala usaha kamu. ¹¹ Orang miskin memang tidak akan pernah habis di negeri itu lantas aku memerintahkan kepadamu supaya kamu membuka tanganmu lebar-lebar bagi saudaramu, iaitu bagi orang yang tertindas dan yang miskin di negerimu.

¹² Jika saudaramu, seorang lelaki atau seorang perempuan Ibrani, dijual kepadamu dan menghambakan diri kepadamu enam tahun lamanya, maka pada tahun ketujuh hendaklah engkau melepaskannya pergi sebagai orang yang merdeka. ¹³ Apabila engkau melepaskannya pergi sebagai orang merdeka, jangan engkau lepaskan kepergiannya dengan tangan kosong. ¹⁴ Dengan murah hati bekalilah dia daripada

15:11: Mat 26:11; Mrk 14:7; Yoh 12:8.

15:12: Im 25:39-46.

kawanan dombamu, dari tempat pembantingan hasil tuaianmu, dan dari tempat pemerasan anggurmu. Hendaklah kamu memberikan kepadanya, selaras dengan berkat yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

¹⁵ Ingatlah bahawa engkau pun dahulu hamba di Tanah Mesir, lalu Tuhan, Allahmu, menebus kamu. Itulah sebabnya aku memerintahkan hal itu kepadamu pada hari ini.

¹⁶ Akan tetapi, jika orang itu berkata kepadamu, 'Aku tidak mahu pergi daripada tuan,' sebab dia mengasihi kamu serta keluargamu, kerana baik keadaannya selama dia bersama-samamu, ¹⁷ maka ambillah penindik lalu tindiklah telinganya pada pintu. Dengan demikian dia akan menjadi hambamu untuk seterusnya. Perbuatlah demikian juga terhadap hambamu yang perempuan. ¹⁸ Jangan berasa berat ketika kamu melepaskan dia pergi sebagai orang bebas, kerana dia telah bekerja untukmu selama enam tahun dan nilai pekerjaannya dua kali ganda usaha pekerja upahan. Dengan demikian Tuhan, Allahmu, akan memberkatimu dalam segala sesuatu yang kamu lakukan.

Memberikan yang terbaik kepada Tuhan

¹⁹ Semua anak sulung jantan yang lahir dalam kawanan lembu dan kawanan dombamu harus kaukhususkan bagi Tuhan, Allahmu. Jangan berbuat sesuatu dengan anak sulung lembumu dan jangan gunting bulu anak sulung dombamu.

²⁰ Hendaklah tahun demi tahun engkau dan keluargamu memakannya di hadapan Tuhan, Allahmu, di tempat yang akan dipilih oleh Tuhan.

²¹ Akan tetapi, jika haiwan itu bercacat cela seperti tempang, buta, atau apa-apa pun yang buruk, maka janganlah kamu persembahkan haiwan itu kepada Tuhan, Allahmu. ²² Makanlah dagingnya di kotamu. Baik orang bernajis mahupun orang suci sama-sama boleh memakannya seperti memakan daging kijang atau daging rusa. ²³ Hanya, jangan kaumakan darahnya. Tumpahkanlah darah itu ke tanah seperti air.

Perayaan Paskah dan Perayaan Roti Tidak Beragi

16 ¹ Ingatlah bulan Abib dan rayakanlah Paskah bagi Tuhan, Allahmu, kerana pada

15:19: Kel 13:12.

15:23: Kej 9:4; Im 7:26,27; 17:10-14; 19:26; Ul 12:16,23.

16:1: Kel 12:1-20; Im 23:5-8; Bil 28:16-25.

bulan Abib itulah Tuhan, Allahmu, membawa kamu keluar dari Mesir pada malam hari.

² Hendaklah kamu menyembelih korban Paskah daripada kawanan domba atau kawanan lembu untuk dipersembahkan kepada Tuhan, Allahmu, di tempat yang akan dipilih Tuhan sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya. ³ Jangan makan korban itu dengan roti yang beragi. Selama tujuh hari hendaklah kamu memakannya dengan roti yang tidak beragi, iaitu roti penderitaan, kerana dengan terburu-buru kamu keluar dari Tanah Mesir. Dengan demikian, engkau akan mengingat hari engkau keluar dari Tanah Mesir itu seumur hidupmu. ⁴ Tujuh hari lamanya tidak boleh terlihat ada ragi di seluruh daerahmu. Selain itu, daripada daging yang kamu sembelih pada petang hari pada hari pertama janganlah berbaki pada pagi harinya.

⁵ Engkau tidak boleh mempersembahkan korban Paskah di salah satu kotamu yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu, ⁶ tetapi hendaklah dipersembahkan di tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya. Di sanalah engkau harus mempersembahkan korban Paskah pada waktu senja, ketika matahari terbenam, bertepatan dengan waktu ketika engkau keluar dari Mesir.

⁷ Masaklah korban itu dan makanlah di tempat

yang akan dipilih Tuhan, Allahmu. Kemudian esok paginya kembalilah ke khemahmu. ⁸ Selama enam hari, makanlah roti yang tidak beragi dan pada hari ketujuh adakanlah perhimpunan penuh takzim bagi Tuhan, Allahmu. Jangan lakukan apa-apa pekerjaan pun pada hari itu.

Perayaan Tujuh Minggu

⁹ Hendaklah kamu menghitung tujuh minggu yang dimulai sejak kali pertama sekali sabit menuai gandum yang belum dipotong.

¹⁰ Kemudian rayakanlah Perayaan Tujuh Minggu bagi Tuhan, Allahmu, dengan mempersembahkan korban sukarela yang harus kauberikan selaras dengan berkat yang dikurniakan kepadamu oleh Tuhan, Allahmu. ¹¹ Bersuka rialah di hadapan Tuhan, Allahmu, di tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya, baik engkau, anak lelakimu, anak perempuanmu, hambamu yang lelaki, hambamu yang perempuan, bani Lewi yang ada di kotamu, pendatang, anak yatim, mahupun balu yang ada dalam kalangan kamu. ¹² Ingatlah bahawa engkau pun dahulu hamba di Mesir. Taatilah teguh dan laksanakanlah kanun-kanun ini.

Perayaan Pondok Daun

¹³ Hendaklah kamu merayakan Perayaan Pondok Daun selama tujuh hari setelah engkau mengumpulkan hasil tempat pembantingan kamu dan tempat pemerasan anggurmu. ¹⁴ Pada hari rayamu itu bersuka rialah engkau, anak lelakimu, anak perempuanmu, hambamu yang lelaki, hambamu yang perempuan, orang Lewi, pendatang, anak yatim, serta balu yang ada di kotamu. ¹⁵ Hendaklah selama tujuh hari kamu mengadakan perayaan bagi Tuhan, Allahmu, di tempat yang akan dipilih Tuhan, kerana Tuhan, Allahmu, akan memberkati segala hasil tanahmu dan segala pekerjaan tanganmu. Jadi, hendaklah engkau bersuka ria dengan bersungguh-sungguh.

¹⁶ Tiga kali setahun, iaitu pada Perayaan Roti Tidak Beragi, Perayaan Tujuh Minggu, dan Perayaan Pondok Daun, hendaklah setiap lelaki dalam kalangan kamu menghadap hadirat Tuhan, Allahmu, di tempat yang akan dipilih-Nya. Jangan seorang pun menghadap hadirat Tuhan dengan tangan kosong. ¹⁷ Hendaklah masing-masing membawa persembahan menurut kemampuannya, selaras dengan berkat yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

Cara pengadilan

¹⁸ Hendaklah kamu melantik hakim dan petugas menurut suku-sukumu di kesemua kota yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Hendaklah mereka menghakimi bangsa itu dengan hukum yang adil. ¹⁹ Jangan putarbalikkan keadilan, jangan berat sebelah, dan jangan terima rasuah, kerana rasuah membutakan mata orang bijak serta memutarbalikkan perkara orang benar. ²⁰ Kejarlah keadilan semata-mata, supaya engkau dapat hidup dan mewarisi negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

Bentuk-bentuk penyembahan yang terlarang

²¹ Apabila engkau membuat mazbah untuk Tuhan, Allahmu, jangan pacakkan di sisinya sesuatu kayu sebagai lambang Asyera. ²² Jangan dirikan sesuatu tiang berhala bagimu, iaitu hal yang dibenci oleh Tuhan, Allahmu.

Persembahan haiwan cacat dilarang

17 ¹ Janganlah kamu persembahkan lembu atau domba yang ada sebarang cacat cela

16:19: Kel 23:6-8; Im 19:15. **16:21:** Kel 34:13.

16:22: Im 26:1.

kepada Tuhan, Allahmu, kerana itu sesuatu yang keji bagi Tuhan, Allahmu.

Hukuman mati bagi penyembah berhala

² Seandainya dalam kalangan kamu, didapati seorang lelaki atau perempuan yang melakukan sesuatu yang jahat di mata Tuhan, Allahmu di salah sebuah kota yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu yakni dia melanggar perjanjian-Nya ³ dengan pergi beribadat dan sujud menyembah tuhan-tuhan lain atau menyembah matahari, bulan, atau seluruh cakerawala di langit yang Kularang ⁴ dan kemudian hal itu diberitahukan kepadamu atau terdengar oleh kamu, dan setelah engkau menyelidikinya dengan baik ternyata hal itu benar dan terbukti bahawa hal keji itu memang dilakukan dalam kalangan orang Israel, ⁵ maka hendaklah lelaki atau perempuan yang telah melakukan hal yang jahat itu dibawa ke pintu gerbang dan harus kaurejam dengan batu sampai mati. ⁶ Hendaklah orang itu dihukum mati berdasarkan keterangan dua atau tiga orang saksi; seseorang tidak boleh dihukum mati hanya berdasarkan keterangan seorang

17:3: Kel 22:20. **17:6:** Bil 35:30; Ul 19:15; Mat 18:16; 2Kor 13:1; 1Tim 5:19; Ibr 10:28.

saksi sahaja. ⁷ Hendaklah tangan para saksiilah yang pertama-tama sekali bergerak untuk menjalankan hukuman mati itu, kemudian barulah tangan seluruh umat. Demikianlah harus kausingkirkan orang yang jahat itu daripada kalanganmu.

Rayuan ke mahkamah lebih tinggi

⁸ Jika di kota-kotamu muncul persengketaan tentang perkara hukum yang terlalu sukar untuk kaputusan misalnya perihal bunuh-membunuh, serang-menyerang, tuntutan-menuntut, atau luka-melukai, maka pergilah segera ke tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu. ⁹ Pergilah menghadap para imam Lewi serta hakim yang ada pada waktu itu untuk berunding serta menanyakan pendapat mereka, dan mereka akan menyatakan kepadamu keputusan hukum. ¹⁰ Turutlah keputusan hukum yang dinyatakan mereka kepadamu di tempat yang akan dipilih Tuhan itu dan lakukanlah dengan saksama semua yang ditunjukkan mereka kepadamu. ¹¹ Lakukanlah tepat seperti hukum yang ditunjukkan mereka kepadamu dan seperti keputusan yang dikatakan mereka kepadamu. Jangan menyimpang daripada keputusan yang

dinyatakan mereka kepadamu, baik ke kanan mahupun ke kiri. ¹² Orang yang semberono dan tidak mendengar kata-kata imam yang bertugas di sana sebagai pelayan Tuhan, Allahmu, atau kata-kata hakim itu, harus dihukum mati. Demikianlah harus kausingkirkan yang jahat itu daripada kalangan orang Israel. ¹³ Maka seluruh umat akan mendengar hal itu dan menjadi takut, sehingga mereka tidak lagi semberono.

Hukum pelantikan raja

¹⁴ Apabila engkau sudah masuk ke negeri yang dikurniakan kepadamu oleh Tuhan, Allahmu, dan apabila engkau sudah memilikinya serta tinggal di dalamnya lalu engkau berkata, 'Aku hendak mengangkat seorang raja atasku seperti segala bangsa yang ada di sekelilingku,' ¹⁵ maka pastikanlah engkau mengangkat atasmu seorang raja yang dipilih Tuhan, Allahmu. Angkatlah seorang raja atasmu daripada kalangan saudaramu, jangan seorang asing yang bukan saudaramu. ¹⁶ Hanya, dia tidak boleh memiliki banyak kuda dan tidak boleh menyuruh bangsa ini kembali ke Mesir demi memperbanyak bilangan kudanya, kerana Tuhan telah berfirman kepadamu, 'Jangan kembali melalui jalan ini lagi.'

¹⁷ Tidak boleh dia mempunyai banyak isteri, supaya jangan hatinya menyimpang. Begitu juga dia pun tidak boleh mengumpulkan terlalu banyak perak dan emas bagi dirinya. ¹⁸ Apabila dia bersemayam di atas takhta kerajaannya, hendaklah dia menuliskan untuk dirinya salinan hukum ini menurut Kitab Suci Taurat yang ada pada para imam Lewi. ¹⁹ Hendaklah salinan itu sentiasa ada padanya dan hendaklah dibacanya seumur hidupnya, supaya dia belajar bertakwa kepada Tuhan, Allahnya, dengan berpegang teguh dan mengikut semua kata dalam hukum Taurat ini serta kanun-kanun ini. ²⁰ Dengan demikian, tidaklah dia meninggikan diri terhadap para saudaranya dan tidak menyimpang daripada perintah itu, baik ke kanan mahupun ke kiri, sehingga lamalah tempoh pemerintahannya dan pemerintahan anak-anaknya dalam kalangan orang Israel.

Peruntukan bagi imam dan bani Lewi

18 ¹ Para imam Lewi, iaitu seluruh suku Lewi, tidak akan mendapat bahagian atau harta pusaka sebagaimana orang Israel lainnya. Mereka harus mendapat rezeki daripada korban bakaran bagi Tuhan, dan daripada apa yang menjadi

milik-Nya. ² Mereka tidak akan mendapat harta pusaka dalam kalangan saudara mereka kerana Tuhan ialah harta pusaka mereka, seperti yang dijanjikan-Nya kepada mereka.

³ Inilah yang menjadi hak para imam daripada umat, iaitu daripada orang yang mempersembahkan korban sembelihan, baik berupa lembu mahupun domba. Hendaklah mereka memberikan kepada imam bahagian bahu, kedua-dua rahang, dan perut besar.

⁴ Hendaklah kamu berikan kepada mereka hasil pertama daripada gandummu, anggurmu, minyakmu, serta hasil pertama guntingan bulu dombamu, ⁵ kerana Tuhan, Allahmu, telah memilih mereka dan keturunan mereka daripada kalangan segala sukumu untuk sentiasa bertugas menyelenggarakan ibadat demi nama Tuhan.

⁶ Jika seorang Lewi daripada kotamu yang mana-mana pun di seluruh Israel tempat dia tinggal, datang berdasarkan keinginan hatinya ke tempat yang akan dipilih Tuhan, ⁷ maka dia boleh menyelenggarakan ibadat demi nama Tuhan, Allahnya, seperti semua saudaranya, iaitu kalangan bani Lewi yang bertugas di sana, di hadapan Tuhan. ⁸ Hendaklah mereka mendapat bahagian rezeki yang sama, di samping apa yang

diterima mereka daripada hasil penjualan harta para leluhur mereka.

Perbuatan-perbuatan keji

⁹ Apabila engkau masuk ke negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu, jangan belajar melakukan hal-hal keji seperti yang dilakukan oleh bangsa-bangsa itu. ¹⁰ Jangan didapati dalam kalangan kamu orang yang mempersembahkan anak lelakinya atau anak perempuannya sebagai korban yang dibakar, atau orang yang menjadi penenung, peramal, ahli nujum, ahli sihir, ¹¹ tukang mantera, orang yang bertanya kepada arwah, atau ahli sihir yang meminta petunjuk daripada orang mati. ¹² Sesungguhnya, setiap orang yang melakukan hal-hal itu dipandang keji oleh Tuhan. Kerana hal-hal keji itulah Tuhan, Allahmu, mengusir bangsa-bangsa itu dari hadapanmu. ¹³ Hendaklah kamu hidup tidak bercela di hadapan Tuhan, Allahmu.

Seorang nabi baru seperti Musa

¹⁴ Bangsa-bangsa yang akan kauusir itu mendengar nasihat para peramal dan penenung,

18:10 a: Im 19:26; **b:** Kel 22:18. **18:11:** Im 19:31.

18:13: Mat 5:48.

tetapi Tuhan, Allahmu, tidak mengizinkan engkau berbuat demikian. ¹⁵ Tuhan, Allahmu, akan membangkitkan untukmu seorang nabi sepertiku daripada kalangan saudaramu. Dialah yang harus kamu dengar, ¹⁶ seperti yang telah kamu minta kepada Tuhan, Allahmu, di Horeb pada hari kamu berkumpul. Katamu, ‘Janganlah kami dengar lagi suara Tuhan, Allah kami, dan janganlah kami lihat lagi api yang besar ini, supaya jangan kami mati.’

¹⁷ Kemudian Tuhan berfirman kepadaku, ‘Apa yang dikatakan mereka itu baik. ¹⁸ Aku akan membangkitkan bagi mereka seorang nabi seperti engkau daripada kalangan saudara mereka. Aku akan memberitahukan kepadanya firman-Ku, dan dia akan menyampaikan kepada mereka semua yang Kuperintahkan kepadanya. ¹⁹ Jadi, setiap orang yang tidak mahu mendengar firman-Ku yang akan disampaikan nabi itu atas nama-Ku akan Kutuntut pertanggungjawaban. ²⁰ Tetapi hendaklah dihukum mati seseorang nabi yang dengan semberono menyampaikan atas nama-Ku perkataan yang tidak Kusuruh sampaikan, atau yang berbicara atas nama tuhan-tuhan lain.’

²¹ Jika kamu bertanya dalam hatimu, ‘Bagaimanakah kami boleh mengetahui

perkataan yang tidak difirmankan Tuhan?’

²² Apabila seorang nabi berbicara atas nama Tuhan tetapi hal itu tidak terjadi dan tidak terlaksana, maka perkataan itu tidak difirmankan Tuhan. Nabi itu telah berbicara dengan semberono. Kamu tidak perlu takut kepadanya.

Hukum tentang kota-kota perlindungan

19 ¹ Apabila Tuhan, Allahmu telah menyepak bangsa-bangsa dan negeri mereka dikurniakan Tuhan, Allahmu kepadamu, dan engkau telah mengusir mereka serta tinggal di kota-kota mereka dan juga di rumah-rumah mereka, ² maka khususkanlah tiga buah kota di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu untuk diduduki itu. ³ Sediakanlah jalan-jalan dan bahagikan negeri yang diberikan Tuhan, Allahmu, sebagai harta pusakamu itu menjadi tiga bahagian wilayah, supaya setiap pembunuh dapat melarikan diri ke sana. ⁴ Inilah peruntukan bagi pembunuh yang melarikan diri ke sana untuk menyelamatkan nyawanya. Seandainya dia membunuh sesama manusia tanpa sengaja dan tanpa membenci orang itu sebelumnya – ⁵ misalnya dia pergi ke hutan dengan kawannya untuk membelah kayu, dan

ketika tangannya mengayunkan kapak untuk menebang pokok, mata kapak itu terlepas daripada gagangnya lalu mengenai kawannya hingga mati – maka dia boleh melarikan diri ke salah sebuah kota itu supaya dia dapat terus hidup. ⁶ Maksudnya supaya jangan dalam amarah orang yang menuntut bela atas hutang darah itu mengejar pembunuh itu dan dapat menyusul dia kerana jauhnya perjalanan menuju kota itu lalu menghukumnya mati, padahal orang itu tidak patut dihukum mati kerana sebelumnya dia tidak membenci kawannya. ⁷ Oleh sebab itu aku memerintahkan kepadamu demikian, ‘Khususkanlah bagimu tiga buah kota.’

⁸ Jika Tuhan, Allahmu, telah meluaskan daerahmu seperti yang disumpah-Nya kepada nenek moyangmu dan memberikan kepadamu seluruh negeri yang dijanjikan-Nya kepada nenek moyangmu ⁹ (asalkan engkau melakukan dengan setia segala perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, dengan mengasihi Tuhan, Allahmu, dan sentiasa hidup menurut jalan-Nya), maka tambahkanlah tiga buah kota selain daripada yang tiga buah itu. ¹⁰ Dengan demikian, darah orang yang tidak bersalah tidak akan tertumpah di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka sehingga darah itu ditanggungkan kepadamu.

¹¹ Akan tetapi, jika seseorang membenci sesamanya lalu mengadangnya lalu menyerangnya, dan memukul orang itu hingga mati, kemudian melarikan diri ke salah sebuah kota itu, ¹² maka hendaklah para tua-tua kotanya menyuruh orang untuk mengambil dia dari sana dan menyerahkan dia ke dalam tangan orang yang menuntut balasan darah, supaya dia dihukum mati. ¹³ Jangan berasa hiba kepadanya, melainkan hapuskanlah dari Israel darah orang yang tidak bersalah supaya sejahteralah kamu.

Hal tentang batu sempadan

¹⁴ Jangan pindahkan batas harta tanah sesamamu yang sudah ditetapkan kalangan terdahulu dalam harta pusaka yang akan kaudapatkan di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu untuk diduduki.

Hukum tentang saksi

¹⁵ Seorang saksi sahaja tidak cukup untuk mendakwa seseorang atas kesalahan atau dosa apa pun yang dilakukannya. Berdasarkan keterangan dua atau tiga orang saksi, sesuatu dakwaan akan diteguhkan. ¹⁶ Jika seorang

saksi yang tidak benar mendakwa seseorang mengenai suatu pelanggaran, ¹⁷ maka hendaklah kedua-dua orang yang bersengketa itu berdiri di hadapan Tuhan, di depan para imam dan para hakim yang ada pada waktu itu. ¹⁸ Para hakim harus memeriksa baik-baik. Jika ternyata saksi itu seorang saksi dusta yang memberi kesaksian palsu atas saudaranya, ¹⁹ maka lakukanlah atasnya selaras dengan niatnya memperlakukan saudaranya. Demikianlah harus kamu singkirkan yang jahat itu daripada kalanganmu. ²⁰ Dengan demikian kalangan yang ada akan mendengar hal itu dan menjadi takut, sehingga mereka tidak lagi melakukan perkara jahat semacam itu antaramu. ²¹ Jangan berasa hiba terhadapnya, kerana dalam hal itu berlaku: nyawa diganti nyawa, mata diganti mata, gigi diganti gigi, tangan diganti tangan, kaki diganti kaki.

Peraturan tentang peperangan

20 ¹ Apabila engkau keluar berperang melawan musuh-musuhmu lalu melihat segala kuda dan rata, iaitu pasukan yang lebih besar daripada kamu, jangan takut kepada mereka kerana Tuhan, Allahmu, yang telah menuntun kamu keluar dari Tanah Mesir,

menyertai kamu. ² Pada waktu kamu semakin menghampiri peperangan itu, hendaklah seorang imam maju ke hadapan dan berbicara kepada umat yakni pasukannya. ³ Hendaklah dia berkata kepada mereka, 'Dengarlah, wahai orang Israel! Pada hari ini kamu akan menghadapi peperangan melawan musuh-musuhmu. Jangan tawar hati, jangan takut, jangan gentar, dan jangan cemas kerana mereka ⁴ sebab Tuhan, Allahmu, hadir menyertai kamu untuk berperang bagimu melawan musuh-musuhmu, dan memberimu kemenangan.'

⁵ Kemudian hendaklah para pegawai yang memimpin pasukan berkata demikian kepada pasukan itu, 'Siapakah yang baru selesai membina rumah tetapi belum mengadakan kesyukuran ke atasnya? Biarlah dia pulang ke rumahnya, supaya jangan dia mati dalam peperangan lalu orang lain yang mengadakan kesyukuran ke atas rumahnya. ⁶ Siapakah yang baru menanami kebun anggur tetapi belum menikmati hasilnya? Biarlah dia pulang ke rumahnya, supaya jangan dia mati dalam peperangan lalu orang lain yang menikmati hasil kebunnya. ⁷ Siapakah yang telah bertunangan dengan seorang perempuan tetapi belum memperisterinya? Biarlah dia pulang ke rumahnya, supaya jangan dia mati dalam

peperangan lalu orang lain yang memperisteri tunangannya.’

⁸ Selanjutnya hendaklah para pegawai yang memimpin pasukan berbicara lagi kepada pasukan itu demikian, ‘Siapakah yang takut dan tawar hati? Biarlah dia pulang ke rumahnya, supaya jangan hati para saudaranya turut menjadi tawar seperti hatinya.’ ⁹ Setelah para pegawai yang memimpin pasukan selesai berbicara kepada pasukan itu, lantiklah para panglima perang untuk mengepalai pasukan.

¹⁰ Apabila kamu menghampiri sebuah kota untuk memerangnya, tawarkanlah perdamaian kepadanya. ¹¹ Jika kota itu memberikan sambutan terhadap seruan damaimu dan membuka pintu gerbangnya untukmu, maka semua orang yang ada di situ akan menjadi buruh paksa dan berkhidmat untukmu. ¹² Sebaliknya, jika kota itu tidak mahu berdamai denganmu malah berperang melawan kamu, maka hendaklah kamu mengepungnya. ¹³ Ketika Tuhan, Allahmu, menyerahkannya ke dalam tanganmu, tewaskanlah semua lelakinya dengan mata pedang. ¹⁴ Akan tetapi para perempuan, anak-anak, ternakan, dan segala yang ada di dalam kota itu, iaitu seluruh jarahan, boleh kaurampas untuk dirimu. Engkau boleh menikmati jarahan daripada musuh-musuhmu, yang diserahkan

Tuhan, Allahmu, kepadamu. ¹⁵ Begitulah yang harus kamu lakukan kepada semua kota yang letaknya sangat jauh daripadamu, yang tidak termasuk kota-kota bangsa-bangsa di sini.

¹⁶ Akan tetapi, daripada kota-kota bangsa-bangsa itu yang telah dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka, jangan biarkan hidup apa-apa pun yang bernafas.

¹⁷ Punahkanlah sama sekali bani Het, bani Amori, bani Kanaan, bani Feris, bani Hewi, dan bani Yebus, seperti yang diperintahkan Tuhan, Allahmu, kepadamu. ¹⁸ Maksudnya ialah supaya mereka kelak tidak mengajar kamu membuat segala hal keji yang dilakukan mereka bagi tuhan mereka sehingga kamu berdosa terhadap Tuhan, Allahmu.

¹⁹ Apabila engkau mengepung sesebuah kota selama beberapa hari dan kemudian memerangnya untuk merebutnya, jangan kaurosakkan pokok-pokok dengan kapak. Makanlah buahnya, tetapi jangan tebang pokok-pokok itu. Pokok-pokok di ladang bukan manusia sehingga semuanya harus turut kaukepung! ²⁰ Tetapi pokok yang kauketahui bukan pokok yang dapat dimakan buahnya boleh kaurosakkan dan kautebang untuk mendirikan pagar pengepungan terhadap kota yang

berperang melawanmu, sampai tertakluknya kota itu.

Pembunuh yang tidak diketahui

21 ¹ Jika seseorang didapati terbunuh di tanah yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu untuk diduduki, dan mayatnya terbaring di padang tanpa diketahui siapa yang membunuhnya, ² maka hendaklah para tua-tuamu dan para hakimmu pergi mengukur jarak dari tempat orang yang terbunuh itu ke kota-kota yang ada di sekelilingnya. ³ Setelah didapati kota yang terdekat dengan orang yang terbunuh itu, maka hendaklah para tua-tua kota itu mengambil seekor lembu betina muda yang belum pernah dijadikan haiwan tenaga dan belum pernah dipasangankan kuk. ⁴ Kemudian hendaklah para tua-tua kota itu membawa lembu muda itu turun ke lembah berair yang belum pernah dibajak dan belum pernah disemai dan di lembah itu, hendaklah mereka mematahkan batang leher lembu betina muda itu. ⁵ Setelah itu, hendaklah para imam bani Lewi tampil ke hadapan kerana merekalah yang dipilih Tuhan, Allahmu, untuk menyelenggarakan ibadat bagi-Nya dan untuk menyampaikan berkat atas nama Tuhan. Berdasarkan keputusan merekalah segala persengketaan dan segala perkelahian

harus diselesaikan. ⁶ Kemudian hendaklah kesemua tua-tua dari kota yang terdekat dengan tempat orang yang terbunuh itu membasuh tangan mereka di atas lembu betina muda yang batang lehernya dipatahkan di lembah itu.

⁷ Hendaklah mereka berkata, 'Bukan tangan kami yang menumpahkan darah ini dan mata kami pun tidak melihatnya. ⁸ Adakanlah pendamaian bagi umat-Mu, Israel, yang telah kaubebaskan, ya Tuhan, dan janganlah tanggungkan darah orang yang tidak bersalah ke tengah-tengah umat-Mu, Israel.' Maka mereka akan diampuni kerana darah itu. ⁹ Demikianlah harus kamu hapuskan darah orang yang tidak bersalah itu daripada kalanganmu, sebab dengan demikian kamu melakukan apa yang benar di mata Tuhan.

Tawanan perempuan yang diambil menjadi isteri

¹⁰ Apabila kamu pergi berperang melawan musuh-musuhmu dan Tuhan, Allahmu, menyerahkan mereka ke dalam tanganmu sehingga kamu membawa mereka sebagai tawanan, ¹¹ kemudian antara para tawanan itu kamu melihat seorang perempuan yang cantik parasnya sehingga kamu terpaut kepadanya dan hendak memperisterinya, ¹² maka hendaklah kamu membawanya masuk ke rumahmu lalu hendaklah dia mencukur rambut kepalanya,

memotong kukunya, ¹³ menanggalkan pakaian yang dipakainya sewaktu ditawan, dan tinggal di rumahmu untuk meratapi ibu bapanya selama sebulan penuh. Setelah itu, barulah kamu boleh berkahwin dengannya – kamu menjadi suaminya dan dia menjadi isterimu. ¹⁴ Pada kemudian hari, jika kamu tidak menyukainya lagi, biarkanlah dia pergi sesuka hatinya. Jangan sekali-kali menjualnya demi wang, dan jangan layan dia seperti hamba, kerana kamu telah pun mengaibkannya.

Hak pewarisan anak sulung

¹⁵ Seandainya seorang lelaki mempunyai dua orang isteri, yang seorang dicintainya dan yang seorang lagi tidak dicintainya. Kedua-duanya, baik yang dicintai mahupun yang tidak dicintai itu, melahirkan anak lelaki baginya dan anak lelaki yang sulung adalah daripada isteri yang tidak dicintai. ¹⁶ Kelak, pada waktu dia membahagikan harta miliknya sebagai pusaka kepada anak-anaknya, anak daripada isteri yang dicintainya tidak boleh dijadikannya sebagai anak sulung menggantikan anak sulung sebenar yang daripada isteri yang tidak dicintainya. ¹⁷ Hendaklah dia mengakui anak sulung itu, iaitu anak daripada isteri yang tidak dicintainya, dengan memberikan kepadanya dua bahagian

daripada segala yang ada padanya. Kerana anak itu ialah permulaan keperkasaannya, maka dialah yang mempunyai hak pewarisan anak sulung.

Anak yang suka melawan

¹⁸ Jika seseorang mempunyai anak lelaki yang degil lagi suka melawan yang tidak mahu mendengar kata ayahnya atau ibunya, bahkan tidak mahu taat kepada mereka meskipun setelah dihukum, ¹⁹ maka hendaklah ayah dan ibunya membawanya untuk menghadap para tua-tua kota di pintu gerbang kota tempat tinggalnya. ²⁰ Hendaklah mereka berkata kepada para tua-tua kota, 'Anak kami ini degil lagi suka melawan dan dia tidak mahu mendengar kata-kata kami, apatah lagi dia rakus dan pemabuk.' ²¹ Kemudian hendaklah seluruh penduduk kota itu merejamnya dengan batu sampai mati. Demikianlah harus kamu singkirkan yang jahat itu daripada antaramu. Maka semua orang Israel akan mendengar hal itu dan menjadi takut.

Pengebumian orang yang dihukum mati

²² Jika seseorang berbuat dosa dan patut dikenakan hukuman mati, kemudian dia dijatuhi hukuman mati dan kamu menggantungnya pada

sebatang tiang, ²³ maka jangan biarkan mayatnya tergantung semalam-malaman pada tiang itu, tetapi kuburkanlah dia pada hari itu juga, kerana orang yang tergantung ialah orang yang dikutuk Allah. Jangan kaunajiskan tanah yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka.

Hal tentang tolong-menolong

22 ¹ Jangan berpura-pura tidak tahu apabila kamu melihat lembu atau domba saudaramu tersesat tetapi hendaklah kamu membawa haiwan itu pulang kepada saudaramu.

² Jika saudaramu itu tidak tinggal dekat denganmu atau jika kamu tidak mengenalnya, bawalah haiwan itu ke rumahmu untuk tinggal denganmu sampai saudaramu mencarinya.

Kemudian pulangkanlah haiwan itu kepadanya.

³ Perbuatlah demikian juga dengan keldainya, pakaiannya, dan segala barang milik saudaramu yang hilang yang kamu temukan. Kamu tidak boleh pura-pura tidak tahu.

⁴ Apabila kamu melihat keldai atau lembu saudaramu rebah di jalan, jangan berpura-pura tidak tahu, melainkan bantulah saudaramu membangunkannya.

Pelbagai peraturan

⁵ Seorang perempuan tidak boleh memakai pakaian lelaki, dan seorang lelaki tidak boleh memakai pakaian perempuan. Tuhan, Allahmu, memandang keji sesiapa sahaja yang berbuat demikian.

⁶ Jika kamu terjumpa sarang burung dalam perjalanan, baik di atas pokok mahupun di atas tanah, dengan anak-anak burung atau telur-telur di dalamnya serta sang induk yang sedang melindungi anak-anak atau telur-telur itu, jangan kauambil sang induk bersama-sama anak-anaknya. ⁷ Anak-anaknya boleh kamu ambil, tetapi hendaklah sang induk kamu lepaskan, supaya baik keadaanmu dan lanjut umurmu.

⁸ Apabila kamu membina rumah baru, pasanglah pagar di sekeliling pinggir atapnya supaya jangan kamu tanggung hutang darah atas rumahmu jika seseorang jatuh dari situ.

⁹ Jangan semai dua jenis benih di dalam kebun anggurmu supaya jangan seluruh hasil kebun anggurmu termasuk benih lain yang kautaburkan itu menjadi milik tempat suci.

¹⁰ Jangan membajak dengan lembu dan keldai bersama-sama menarik bajakmu.

¹¹ Jangan kenakan pakaian daripada bahan campuran, iaitu bulu domba dan linen, secara bersama-sama.

¹² Buatlah untaian tali pada keempat-empat bucu pakaian yang menutupi tubuhmu.

Hukum perkahwinan

¹³ Seandainya seorang lelaki memperisteri seorang perempuan, tetapi setelah menghampirinya dia tidak mencintainya lagi, ¹⁴ bahkan dia melemparkan tuduhan yang memalukan terhadap perempuan itu dan membusukkan namanya dengan berkata, 'Aku telah memperisteri perempuan ini, tetapi setelah aku menghampirinya tidak kudapati tanda-tanda keperawanan padanya.'

¹⁵ Maka ayah gadis itu berserta ibunya harus mengambil tanda-tanda keperawanan gadis itu dan membawanya kepada para tua-tua kota di pintu gerbang. ¹⁶ Hendaklah ayah gadis itu berkata kepada para tua-tua, 'Aku telah memberikan anakku kepada lelaki ini untuk menjadi isterinya, tetapi kemudian dia tidak mencintainya lagi. ¹⁷ Bahkan dia melemparkan tuduhan yang memalukan dengan berkata, "Aku tidak mendapati tanda-tanda

keperawanan pada anakmu.” Inilah tanda-tanda keperawanan anakku.’ Kemudian mereka harus membentangkan pakaian itu di hadapan para tua-tua kota. ¹⁸ Selanjutnya hendaklah para tua-tua kota itu harus mengambil lelaki itu dan menghukumnya ¹⁹ serta mendendanya seratus syikal perak untuk diberikan kepada ayah si gadis, kerana dia telah mengaibkan nama seorang perawan Israel. Hendaklah perempuan itu terus menjadi isterinya, dan dia tidak boleh mengusir perempuan itu seumur hidupnya.

²⁰ Akan tetapi, jika hal itu benar, iaitu tidak didapati tanda-tanda keperawanan pada si gadis, ²¹ maka hendaklah gadis itu dibawa ke luar, ke depan pintu rumah ayahnya. Kemudian orang lelaki kota itu harus merejam dia sampai mati, kerana ia telah melakukan hal yang keji di Israel dengan bersundal di rumah ayahnya. Demikianlah harus kamu singkirkan yang jahat itu daripada kalanganmu.

²² Jika seorang lelaki didapati meniduri seorang perempuan yang sudah bersuami, maka hendaklah kedua-dua mereka dihukum mati, baik lelaki yang meniduri perempuan itu mahupun perempuan itu sendiri. Demikianlah harus kamu singkirkan yang jahat itu daripada kalangan orang Israel.

²³ Jika ada seorang gadis perawan yang sudah bertunangan dengan seorang lelaki bertemu dengan lelaki lain di kota itu lalu tidur dengannya, ²⁴ maka hendaklah kamu membawa kedua-duanya keluar ke pintu gerbang kota itu. Rejamlah mereka sampai mati – si gadis, kerana dia tidak berteriak meskipun di dalam kota, dan si lelaki, kerana dia mencabuli isteri jirannya. Demikianlah harus kamu singkirkan yang jahat itu daripada kalanganmu.

²⁵ Akan tetapi, jika lelaki itu bertemu dengan gadis yang sudah bertunangan itu di padang, lalu lelaki itu memaksa serta meniduri gadis itu, maka hendaklah lelaki yang meniduri gadis itu sahaja yang dihukum mati. ²⁶ Jangan lakukan apa-apa terhadap si gadis, kerana gadis itu tidak melakukan dosa yang setimpal dengan hukuman mati. Perkara ini sama halnya dengan seorang yang bangkit menyerang orang lain dan membunuhnya, ²⁷ kerana lelaki itu bertemu dengan gadis itu di padang, dan sekalipun gadis yang sudah bertunangan itu berteriak, tidak ada seorang pun yang menolongnya.

²⁸ Jika seorang lelaki bertemu dengan seorang gadis perawan yang belum bertunangan, lalu dia menangkapnya dan menidurinya, tetapi

kemudian mereka tertangkap berseketiduran, ²⁹ maka hendaklah lelaki yang meniduri gadis itu memberikan lima puluh syikal perak kepada ayah gadis itu, dan hendaklah gadis itu dijadikannya isterinya kerana dia telah memperkosanya dan dia tidak boleh mengusir perempuan itu seumur hidupnya.

³⁰ Seorang lelaki tidak boleh memperisteri isteri ayahnya dan tidak boleh mengaibkan ayahnya.

Orang yang tidak boleh masuk menjadi jemaah Allah

23 ¹ Orang yang rosak buah pelirnya atau terpotong kemaluannya tidak boleh masuk dalam jemaah Tuhan.

² Seorang anak haram tidak boleh masuk dalam jemaah Tuhan, bahkan zuriatnya sampai keturunan kesepuluh pun tidak boleh masuk dalam jemaah Tuhan.

³ Tiada bani Amon atau bani Moab yang boleh masuk dalam jemaah Tuhan, bahkan zuriat mereka sampai keturunan kesepuluh pun tidak boleh masuk dalam jemaah Tuhan untuk selamanya, ⁴ kerana mereka tidak menyambut kamu dengan roti dan air minum dalam

22:30: Im 18:8; 20:11; Ul 27:20. **23:3:** Neh 13:1,2.

23:4: Bil 22:1-6.

perjalananmu setelah kamu keluar dari Mesir. Bahkan mereka mengupah Bileam anak Beor dari Petor di Aram-Mesopotamia untuk mengutuk kamu. ⁵ Tetapi Tuhan, Allahmu, tidak mahu mendengar Bileam. Tuhan, Allahmu, mengubah kutukan itu menjadi berkat bagimu kerana Tuhan, Allahmu, mengasihi kamu. ⁶ Seumur hidupmu, bahkan untuk selama-lamanya, jangan usahakan kesejahteraan dan kebahagiaan mereka.

⁷ Jangan kamu pandang keji orang Edom kerana mereka ialah saudaramu, dan jangan kamu pandang keji orang Mesir kerana kamu pernah menjadi pendatang di negeri mereka. ⁸ Anak-anak yang lahir bagi mereka daripada keturunan ketiga boleh masuk dalam jemaah Tuhan.

Kesucian dalam hal kebersihan diri

⁹ Apabila kamu mara dengan pasukanmu untuk melawan musuh-musuhmu, jagalah dirimu daripada segala hal yang jahat. ¹⁰ Jika seorang lelaki di antaramu menjadi najis disebabkan oleh sesuatu yang terjadi pada malam hari, maka hendaklah dia pergi ke luar perkhemahan dan tidak boleh dia masuk ke dalam perkhemahan itu. ¹¹ Menjelang senja hendaklah dia membasuh

dirinya dengan air lalu dengan terbenamnya matahari, barulah dia boleh masuk kembali ke dalam perkhemahan.

¹² Hendaklah kamu mempunyai suatu tempat di luar perkhemahan yang dapat kamu pergi, ¹³ dan hendaklah ada alat penggali antara segala peralatan kamu. Setelah kamu bercangkung membuang hajat, hendaklah kamu menggali lubang dengan alat itu lalu menutupi najis kamu pula. ¹⁴ Sebabnya Tuhan, Allahmu, hadir menyertai kamu di tengah-tengah perkhemahanmu untuk menolongmu dan menyerahkan musuh-musuhmu kepadamu. Oleh itu, perkhemahanmu hendaklah suci supaya jangan Dia melihat hal yang tidak bersih di antaramu lalu berpaling daripada kamu.

Menolong hamba yang melarikan diri

¹⁵ Janganlah kamu serahkan kepada tuannya seorang hamba yang lari kepadamu daripada tuannya. ¹⁶ Biarkanlah dia tinggal bersama-samamu, di tengah-tengahmu, iaitu di tempat yang dipilih dan disukainya di salah sebuah kotamu. Jangan engkau menindas dia.

Menentang pelacuran di tempat suci

¹⁷ Jangan ada seorang pun yang menjadi pelacur di tempat suci, baik antara anak perempuan Israel mahupun antara anak lelaki Israel. ¹⁸ Jangan bawa masuk upah pelacur atau upah perbuatan pelacur lelaki ke dalam Bait Tuhan, Allahmu, untuk membayar nazar apa-apa pun, kerana kedua-duanya itu kekejian bagi Tuhan, Allahmu.

Larangan memungut bunga daripada saudara sebangsa

¹⁹ Jangan kenakan faedah iaitu bunga ke atas pinjaman kepada saudaramu, baik berbentuk wang, makanan, mahupun segala sesuatu yang menjadi bunga. ²⁰ Kamu boleh mengenakan bunga ke atas pinjaman kepada orang asing, tetapi kamu tidak boleh mengenakan bunga kepada saudaramu. Dengan demikian Tuhan, Allahmu, akan memberkati kamu dalam segala usahamu di negeri yang akan kaumasuki untuk mendudukinya.

23:17: Im 19:29.

23:19: Kel 22:25; Im 25:36,37; Ul 15:7-11.

Hal tentang nazar

²¹ Apabila kamu bernazar kepada Tuhan, Allahmu, janganlah menunda-nunda untuk menunaikannya kerana Tuhan, Allahmu, pasti menuntutnya daripada kamu, dan kamu berdosa jika tidak menunaikannya. ²² Padahal kamu tidak berdosa jika kamu tidak bernazar. ²³ Apa yang kauucapkan sebagai janji harus kaulaksanakan, seperti juga nazar yang kauucapkan secara sukarela dengan mulutmu sendiri kepada Tuhan, Allahmu.

Menghormati harta benda orang lain

²⁴ Apabila kamu memasuki kebun anggur jiranmu, kamu boleh makan buah anggur sesuka hatimu sampai kenyang, tetapi jangan kamu masukkan satu pun ke dalam uncangmu. ²⁵ Apabila kamu memasuki ladang gandum jiranmu yang belum dituai, kamu boleh memetik bulir-bulirnya dengan tanganmu, tetapi janganlah potong gandum itu dengan sabit.

Hukum tentang perceraian

24 ¹ Seandainya seorang lelaki meminang seorang perempuan dan memperisterinya, tetapi kemudian dia tidak menyukai perempuan itu lagi setelah mendapati ada sesuatu aib padanya, maka dia boleh menulis serta menyerahkan surat cerai kepada perempuan itu dan menyuruh dia pergi dari rumahnya. ² Setelah perempuan itu keluar dari rumahnya dan pergi dari sana, dia boleh menjadi isteri orang lain. ³ Tetapi jika suaminya yang kedua itu juga tidak menyukainya lalu menulis dan menyerahkan surat talak kepada perempuan itu serta menyuruh dia pergi dari rumahnya; atau sekiranya suaminya yang terakhir itu meninggal, ⁴ maka suaminya yang pertama, yang dahulu telah menyuruhnya pergi, tidak boleh mengambilnya kembali menjadi isteri setelah perempuan itu ternajis, kerana hal itu keji di hadapan Tuhan. Janganlah kamu datangkan dosa atas negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka.

⁵ Apabila seorang lelaki baru menikahi seorang perempuan, dia tidak boleh pergi berperang dan tidak boleh dibebani urusan apa-apa

pun. Hendaklah dia diberi kelepasan selama setahun untuk mengurus rumah tangganya dan menyenangkan hati isterinya itu.

Berbagai-bagai peraturan

⁶ Janganlah sesiapa pun mengambil tempat mengisar atau batu kisar sebagai gadaian, kerana itu bererti dia mengambil penyambung hidup sebagai gadaian.

⁷ Jika didapati bahawa seseorang menculik seorang saudaranya daripada orang Israel, lalu menjadikannya sebagai hamba atau menjualnya, maka hendaklah penculik itu dihukum mati. Demikianlah hendaknya kamu menyingkirkan yang jahat daripada kalanganmu.

⁸ Berwaspadalah sekiranya munculnya penyakit kusta. Maka berhati-hatilah melakukan segala yang diajarkan kepadamu oleh para imam Lewi. Seperti yang kuperintahkan kepada mereka, demikianlah perlu kamu lakukan dengan cermat.

⁹ Ingatlah apa yang dilakukan Tuhan, Allahmu, kepada Miryam dalam perjalananmu setelah keluar dari Mesir.

¹⁰ Apabila kamu meminjamkan sesuatu kepada sesamamu, jangan masuk ke dalam rumahnya

24:7: Kel 21:16. **24:8:** Im 13:1—14:54.

24:9: Bil 12:10. **24:10:** Kel 22:26,27.

untuk mengambil jaminannya. ¹¹ Berdirilah di luar dan biarlah orang yang kamu beri pinjaman itu membawa jaminannya kepadamu di luar.

¹² Jika dia seorang miskin, jangan sampai waktu tidur kamu tahan jaminannya itu. ¹³ Hendaklah kamu kembalikan jaminan itu kepadanya pada waktu matahari terbenam, supaya dia dapat tidur dengan memakai pakaiannya sendiri dan memohonkan berkat bagimu. Dengan demikian kamu dipandang benar di hadapan Tuhan, Allahmu.

¹⁴ Jangan tindas orang upahan yang miskin dan melarat, baik saudaramu mahupun pendatang yang ada di negerimu, di dalam kotamu.

¹⁵ Berikanlah upahnya sebelum matahari terbenam setiap harinya, kerana dia miskin; hidupnya bergantung pada upah itu. Jangan sampai dia berseru kepada Tuhan mengenai kamu, dan hal itu menjadi dosa bagimu.

¹⁶ Seorang ayah tidak boleh dihukum mati kerana anaknya, dan anak tidak boleh dihukum mati kerana ayahnya. Hendaklah setiap orang dihukum mati atas dosanya sendiri.

¹⁷ Jangan putarbalikkan keadilan kaum pendatang atau anak yatim. Jangan ambil pakaian seorang balu sebagai gadaian. ¹⁸ Ingatlah bahawa dahulunya kamu juga hamba di Mesir, lalu Tuhan, Allahmu, membebaskan kamu dari sana. Itulah sebabnya aku memerintahkan kamu melakukan hal ini.

¹⁹ Setelah kamu menuai hasil tanahmu lalu ternyata tertinggal seberkas di ladangmu, jangan kembali untuk mengambilnya. Itulah bahagian para pendatang, anak yatim, dan balu. Dengan demikian, Tuhan, Allahmu, akan memberkati kamu dalam segala pekerjaan tanganmu. ²⁰ Setelah kamu menjolok buah pokok zaitunmu, jangan kauperiksa dahan-dahannya sekali lagi. Itulah bahagian para pendatang, anak yatim, dan balu. ²¹ Demikian pula setelah kamu memetik hasil kebun anggurmu, jangan kamu balik untuk memetik sekali lagi. Itulah bahagian para pendatang, anak yatim, dan balu. ²² Ingatlah bahawa dahulunya kamu juga hamba di Tanah Mesir. Itulah sebabnya aku memerintahkan kamu melakukan hal ini.

24:17: Kel 23:9; Im 19:33,34; Ul 27:19.

24:19: Im 19:9,10; 23:22.

Menentang kekerasan yang sewenang-wenang

25 ¹ Seandainya timbul persengketaan antara beberapa orang, lalu mereka pergi ke muka pengadilan dan diadili lalu seorang didapati tidak bersalah dan seorang lagi dihukum kesalahannya. ² Jika kemudian orang yang bersalah itu patut disebat, maka hakim harus menyuruh dia meniarap dan menyuruh seseorang menyebat si pesalah itu di hadapan hakim dengan jumlah sebatan yang setimpal dengan kadar kesalahannya, ³ namun tidak lebih daripada empat puluh kali. Jika dia disebat lebih daripada jumlah tersebut, maka bererti saudaramu dihina di hadapan matamu.

⁴ Jangan berangus mulut lembu yang sedang mengirik bijian.

Kewajipan mengahwini isteri saudaramu

⁵ Jika orang yang bersaudara tinggal bersama-sama, lalu seorang daripada mereka meninggal tanpa mempunyai anak lelaki, maka janganlah isteri orang yang meninggal itu berkahwin lagi dengan orang di luar keluarganya. Iparnya harus datang kepadanya, meminangnya menjadi

25:3: 2Kor 11:24. **25:4:** 1Kor 9:9; 1Tim 5:18.

25:5: Mat 22:24; Mrk 12:19; Luk 20:28.

isterinya, dan memenuhi kewajiban perkahwinan ipar terhadapnya. ⁶ Anak sulung yang dilahirkan perempuan itu akan menjadi penegak nama saudara yang meninggal itu, supaya namanya tidak terhapus daripada kalangan Israel. ⁷ Jika orang itu tidak mahu menikahi isteri saudaranya, maka hendaklah balu itu pergi ke pintu gerbang menghadap para tua-tua serta berkata, 'Iparku menolak menegakkan nama saudaranya dalam kalangan orang Israel. Dia tidak mahu memenuhi kewajiban perkahwinan ipar terhadap aku.' ⁸ Setelah itu, para tua-tua kota harus memanggil orang itu dan berbicara kepadanya. Jika dia tetap pada pendiriannya dan berkata, 'Aku tidak mahu memperisterinya,' ⁹ maka hendaklah isteri saudaranya itu mendekati orang itu di hadapan mata para tua-tua itu lalu menanggalkan kasut daripada kakinya dan meludahi mukanya sambil berkata, 'Beginilah orang yang tidak mahu membina keluarga saudaranya akan diperlakukan.' ¹⁰ Maka di Israel nama keluarganya akan disebut: Keluarga yang kasutnya ditanggalkan.

Larangan bersikap biadab

¹¹ Jika dua orang sedang berkelahi satu sama lain lalu isteri salah seorang datang untuk menolong suaminya daripada orang yang memukulnya, dan dia menghulurkan tangannya lalu mencengkeram kemaluan orang itu, ¹² maka hendaklah kamu memotong tangan perempuan itu dan jangan berasa hiba terhadapnya.

Timbang sukat yang benar

¹³ Jangan ada batu timbangan yang berlainan, iaitu yang besar dan yang kecil di dalam kantungmu. ¹⁴ Di dalam rumahmu jangan ada penyukat yang berlainan, iaitu yang besar dan yang kecil. ¹⁵ Sebaliknya, hendaklah kamu memiliki batu timbangan yang tepat dan benar, juga penyukat yang tepat dan benar, supaya lanjut umurmu di tanah yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu. ¹⁶ Tuhan, Allahmu, memandang keji semua orang yang berbuat demikian, iaitu semua orang yang melakukan kecurangan.

Perintah untuk menghapuskan orang Amalek

¹⁷ Ingatlah apa yang dilakukan orang Amalek terhadap kamu dalam perjalananmu setelah kamu keluar dari Mesir. ¹⁸ Ketika kamu lelah dan penat, mereka mendatangimu di jalan dan menyerang barisan belakangmu, yaitu semua orang lemah yang ketinggalan di belakang kamu. Mereka tidak takut kepada Allah. ¹⁹ Jadi, apabila Tuhan, Allahmu, telah mengurniakan keamanan kepadamu daripada semua musuh di sekelilingmu di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka untuk diduduki. Oleh itu, hendaklah kamu hapuskan ingatan kepada orang Amalek daripada kolong langit. Jangan lupa!

Persembahan hasil pertama

26 ¹ Kelak apabila kamu telah masuk ke negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai harta pusaka, dan kamu telah memilikinya serta tinggal di dalamnya, ² hendaklah kamu mengambil sebahagian hasil pertama daripada segala hasil tanahmu yang kamu kumpulkan daripada negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu. Letaklah

semua itu di dalam bakul lalu pergilah ke tempat yang akan dipilih Tuhan, Allahmu, sebagai tempat untuk menegakkan nama-Nya.

³ Datanglah kepada imam yang ada pada waktu itu dan katakanlah kepadanya, 'Pada hari ini aku menyatakan di hadapan Tuhan, Allahmu, bahawa aku telah memasuki negeri yang telah disumpahkan Tuhan untuk memberikannya kepada nenek moyang kita.'

⁴ Maka hendaklah imam mengambil bakul itu daripada tanganmu dan meletakkannya di depan mazbah Tuhan, Allahmu. ⁵ Kemudian hendaklah kamu berkata di hadapan Tuhan, Allahmu, 'Nenek moyangku seorang Aram, seorang pengembara. Dia pergi ke Mesir dan tinggal di sana sebagai pendatang dengan jumlah beberapa orang sahaja, tetapi di sana dia menjadi sebuah bangsa yang besar, kuat, dan ramai jumlah mereka. ⁶ Kemudian orang Mesir menyiksa dan menindas kami, serta mengerah kami melakukan pekerjaan yang berat-berat.

⁷ Kami pun berseru kepada Tuhan, Allah nenek moyang kami. Tuhan mendengar suara kami dan melihat penderitaan dan kesengsaraan kami dan penindasan terhadap kami. ⁸ Kemudian Tuhan membawa kami keluar dari Mesir dengan tangan yang perkasa dan lengan yang terhulur, dengan kehebatan yang besar, dan dengan pelbagai

tanda ajaib serta mukjizat. ⁹ Dia membawa kami ke tempat ini dan memberi kami negeri ini, sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu. ¹⁰ Sekarang lihatlah, aku membawa hasil pertama dari tanah yang telah Kaukurniakan kepadaku, ya Tuhan.'

Sesudah itu letakkanlah semua itu di hadapan Tuhan, Allahmu, dan sujudlah menyembah di hadapan Tuhan, Allahmu. ¹¹ Kemudian bersuka rialah kamu, bani Lewi, serta kaum pendatang yang ada dalam kalanganmu kerana segala kebaikan yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu dan kepada keluargamu.

Persembahan sepersepuluh

¹² Setelah kamu selesai membayar segala persembahan sepersepuluh daripada hasil tanahmu pada tahun ketiga, iaitu tahun pembayaran persembahan sepersepuluh, maka berikanlah persembahan itu kepada bani Lewi, kaum pendatang, para anak yatim, dan balu supaya mereka dapat makan di kotamu sampai kenyang. ¹³ Sesudah itu katakanlah di hadapan Tuhan, Allahmu, 'Aku telah mengeluarkan persembahan suci itu dari rumahku dan memberikannya kepada

bani Lewi, kaum pendatang, para anak yatim, dan balu, selaras dengan segala perintah yang Kauberikan kepadaku. Aku tidak melanggar atau melupakan apa-apa pun daripada perintah-Mu. ¹⁴ Daripada persembahan itu tidak sesuatu pun kumakan ketika aku berkabung, tidak sesuatu pun kukeluarkan ketika aku dalam keadaan najis, dan tidak sesuatu pun kupersembahkan kepada orang mati. Sebaliknya, aku mematuhi Tuhan, Allahku, dan melakukan segala yang Engkau perintahkan kepadaku. ¹⁵ Lihatlah dari kediaman-Mu yang suci, dari syurga, dan berkatilah umat-Mu Israel serta tanah yang Engkau berikan kepada kami, seperti yang telah Engkau sumpah kepada nenek moyang kami – sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu.’

Kata penutup tentang pemberitahuan hukum Taurat

¹⁶ Pada hari ini Tuhan, Allahmu, memerintahkan kamu untuk melakukan kanun dan peraturan ini. Maka peganglah dengan teguh dan lakukanlah semuanya dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh jiwamu. ¹⁷ Pada hari ini kamu telah menyatakan bahawa Tuhan ialah Allahmu, dan bahawa kamu akan hidup menurut jalan-Nya, akan berpegang teguh pada

kanun-Nya, perintah-Nya, dan peraturan-Nya, serta akan mematuhi-Nya. ¹⁸ Pada hari ini juga Tuhan menyatakan bahawa engkau ialah umat kesayangan-Nya sendiri, seperti yang dijanjikan-Nya kepadamu, dan bahawa engkau harus berpegang teguh pada segala perintah-Nya. ¹⁹ Dia akan meninggikan kamu di atas segala bangsa yang telah dijadikan-Nya untuk menjadi terpuji, ternama, serta terhormat. Kamu juga akan menjadi umat yang suci bagi Tuhan, Allahmu, seperti yang dijanjikan-Nya.”

Batu peringatan dan mazbah di Gunung Ebal

27 ¹ Musa dan para tua-tua Israel memberikan perintah kepada bangsa itu demikian, “Peganglah dengan teguh segala perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. ² Pada hari kamu menyeberangi Sungai Yordan menuju negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu, dirikanlah beberapa batu besar lalu tempelkan lepa pada batu-batu itu. ³ Setelah kamu menyeberang, tuliskanlah pada batu-batu itu semua kata dalam hukum Taurat ini supaya kamu dapat masuk ke negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu,

26:18: Kel 19:5; Ul 4:20; 7:6; 14:2; Tit 2:14; 1Ptr 2:9.

27:2: Yos 8:30-32.

iaitu negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu seperti yang dijanjikan Tuhan, Allah nenek moyangmu, kepadamu. ⁴ Setelah kamu menyeberangi Sungai Yordan, batu-batu itu – seperti kuperintahkan kepadamu pada hari ini – hendaklah kamu dirikan di Gunung Ebal dan tempelkan lepa pada batu-batu itu. ⁵ Di sana, hendaklah kamu bangunkan sebuah mazbah yang terbuat daripada batu bagi Tuhan, Allahmu. Jangan kamu gunakan sebarang perkakas besi pada mazbah itu. ⁶ Hendaklah mazbah bagi Tuhan, Allahmu, itu dibangun daripada batu yang belum dipahat, dan hendaklah di atasnya kaupersembahkan korban-korban bakaran kepada Tuhan, Allahmu. ⁷ Persembahkanlah juga korban-korban kedamaian, lalu makanlah semua itu di sana dan bersuka rialah di hadapan Tuhan, Allahmu. ⁸ Tuliskanlah pada batu-batu itu semua kata dalam hukum Taurat ini sejelas-jelasnya.”

Kutukan dari Gunung Ebal

⁹ Kemudian Musa dan para imam Lewi berbicara kepada semua orang Israel, “Diamlah dan dengarlah, wahai orang Israel! Pada hari ini kamu telah menjadi umat Tuhan, Allahmu. ¹⁰ Oleh sebab itu patuhilah Tuhan, Allahmu,

dan lakukanlah segala perintah-Nya serta segala kanun-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini.”

¹¹ Pada hari itu juga Musa memberikan perintah kepada bangsa itu, ¹² “Sesudah kamu menyeberangi Sungai Yordan, hendaklah suku-suku ini berdiri di Gunung Gerizim untuk memberkati umat itu: suku Simeon, Lewi, Yehuda, Isakhar, Yusuf, dan Benyamin. ¹³ Dan hendaklah suku-suku ini berdiri di Gunung Ebal untuk menyampaikan kutukan: suku Ruben, Gad, Asyer, Zebulon, Dan, serta Naftali. ¹⁴ Kemudian hendaklah bani Lewi berkata kepada semua orang Israel dengan suara nyaring:

¹⁵ ‘Terlaknatlah orang yang membuat patung ukiran atau patung tuangan daripada logam – suatu kekejian bagi Tuhan, buatan tangan seorang tukang – dan yang mendirikan secara sembunyi-sembunyi.’

Lalu seluruh bangsa itu harus menjawab, ‘Amin!’

¹⁶ ‘Terlaknatlah orang yang mengaibkan ayah dan ibunya.’

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, ‘Amin!’

27:12: Ul 11:29; Yos 8:33-35.

27:15: Kel 20:4; 34:17; Im 19:4; 26:1; Ul 4:15-18; 5:8.

27:16: Kel 20:12; Ul 5:16.

17 'Terlaknatlah orang yang memindahkan tanda sempadan tanah jirannya.'

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, 'Amin!'

18 'Terlaknatlah orang yang menyesatkan orang buta di jalan.'

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, 'Amin!'

19 'Terlaknatlah orang yang memutarbalikkan keadilan kaum pendatang, anak yatim, dan balu.'

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, 'Amin!'

20 'Terlaknatlah orang yang bersetubuh dengan isteri ayahnya kerana dia telah mengaibkan ayahnya.'

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, 'Amin!'

21 'Terlaknatlah orang yang bersetubuh dengan apa-apa pun jenis haiwan.'

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, 'Amin!'

22 'Terlaknatlah orang yang bersetubuh dengan saudaranya perempuan, iaitu anak ayahnya atau anak ibunya.'

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, 'Amin!'

23 'Terlaknatlah orang yang bersetubuh dengan ibu mertuanya.'

27:17: Ul 19:14. **27:18:** Im 19:14.

27:19: Kel 22:21; 23:9; Im 19:33,34; Ul 24:17,18.

27:20: Im 18:8; 20:11; Ul 22:30.

27:21: Kel 22:19; Im 18:23; 20:15.

27:22: Im 18:9; 20:17. **27:23:** Im 18:17; 20:14.

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, ‘Amin!’

²⁴ ‘Terlaknatlah orang yang membunuh jirannya dengan sembunyi-sembunyi.’

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, ‘Amin!’

²⁵ ‘Terlaknatlah orang yang menerima rasuah untuk membunuh orang yang tidak bersalah.’

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, ‘Amin!’

²⁶ ‘Terlaknatlah orang yang tidak menegakkan perkataan hukum Taurat ini dengan melaksanakannya.’

Lalu seluruh bangsa itu harus berkata, ‘Amin!’

Berkat kerana ketaatan

28 ¹ Jika secara ikhlas engkau bersungguh-sungguh mematuhi Tuhan, Allahmu, dan melakukan dengan setia segala perintah-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, maka Tuhan, Allahmu, akan meninggikan engkau mengatasi segala bangsa di bumi. ² Segala berkat ini akan datang ke atasmu dan sampai kepadamu, jika engkau mematuhi Tuhan, Allahmu:

³ Diberkatilah engkau di kota dan diberkatilah engkau di ladang.

⁴ Diberkatilah buah kandunganmu, hasil tanahmu, dan hasil ternakanmu, iaitu anak lembumu dan kawanan dombamu.

⁵ Diberkatilah bakulmu dan tempat adunanmu.

⁶ Diberkatilah engkau ketika engkau masuk dan diberkatilah engkau ketika engkau keluar.

⁷ Tuhan akan menyebabkan musuhmu yang menyerang kamu tumpas di hadapanmu. Mereka akan datang melalui satu jalan untuk menggempur kamu, tetapi akan lari dari hadapanmu melalui tujuh jalan.

⁸ Tuhan akan memerintahkan berkat-Nya turun ke atas bangsal-bangsal di ladangmu dan ke atas segala usaha kamu. Dia akan memberkati engkau di negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

⁹ Tuhan akan meneguhkan kamu sebagai umat-Nya yang suci, seperti yang disumpah-Nya kepadamu, asalkan kamu mentaati segala perintah Tuhan, Allahmu, dan hidup menurut jalan-Nya. ¹⁰ Segala bangsa di bumi akan melihat bahawa nama Tuhan disebut olehmu, dan mereka akan takut kepadamu. ¹¹ Tuhan akan membuat kamu berkelimpahan dalam kebaikan, dalam buah kandunganmu, hasil ternakanmu, dan hasil bumimu di tanah yang Tuhan sumpah untuk memberikan kepada nenek moyangmu. ¹² Tuhan akan membuka bagimu perbendaharaan-Nya yang baik, iaitu langit, untuk menurunkan hujan ke atas tanahmu pada musimnya dan untuk memberkati segala

pekerjaan tanganmu. Engkau akan memberikan pinjaman kepada banyak bangsa, tetapi engkau sendiri tidak akan meminjam. ¹³ Tuhan akan membuat engkau menjadi kepala, bukan ekor. Engkau akan berada di atas dan bukan di bawah, asalkan engkau mematuhi segala perintah Tuhan, Allahmu, yang kusampaikan kepadamu pada hari ini untuk kaulakukan dengan setia, ¹⁴ dan tidak menyimpang ke kanan atau ke kiri daripada segala hal yang kusampaikan kepadamu pada hari ini dengan mengikuti tuhan-tuhan lain serta beribadat menyembah mereka.

Kutukan kerana keingkaran

¹⁵ Akan tetapi, jika kamu tidak mahu mematuhi Tuhan, Allahmu, untuk melakukan dengan setia segala perintah-Nya dan kanun-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, maka segala kutukan ini mendatangi ke atasmu dan sampai kepadamu:

¹⁶ Terlaknatlah kamu di kota dan terlaknatlah kamu di ladang.

¹⁷ Terlaknatlah bakulmu dan tempat adunanmu.

¹⁸ Terlaknatlah buah kandunganmu, hasil tanahmu, anak lembumu, dan kawanan dombamu.

¹⁹ Terlaknatlah kamu ketika kamu masuk dan terlaknatlah kamu ketika kamu keluar.

²⁰ Tuhan akan mengirimkan kepadamu kutukan, kekacauan, dan herdikan dalam segala usaha yang kamu lakukan, hingga dengan segera kamu punah dan binasa akibat kemungkarannya yang kamu lakukan, kerana kamu telah meninggalkan Aku. ²¹ Tuhan akan melekatkan wabak penyakit padamu hingga kamu habis dari tanah yang akan kamu masuki untuk diduduki. ²² Tuhan akan mengazab kamu dengan batuk kering, demam, radang, panas yang menyengat, kemarau, kelayuan tanaman, dan penyakit bijirin. Semua itu akan mengejar kamu hingga kamu binasa. ²³ Langit di atas kepalamu akan menjadi gangsa dan bumi di bawahmu akan menjadi besi. ²⁴ Hujan di negerimu akan dibuat Tuhan menjadi debu, dan abulah yang akan turun dari langit ke atasmu hingga kamu binasa. ²⁵ Tuhan akan menyebabkan kamu tumpas di hadapan musuh-musuhmu. Kamu akan mara melalui satu jalan untuk menyerang mereka, tetapi akan lari melalui tujuh jalan dari hadapan mereka. Kamu akan menjadi suatu kengerian bagi segala kerajaan di bumi. ²⁶ Mayatmu akan menjadi makanan segala burung di udara serta binatang di bumi, dan tiada seorang pun akan mengusir haiwan itu. ²⁷ Tuhan akan mengazab kamu dengan bisul Mesir, borok, kudis, dan kurap yang tidak dapat disembuhkan. ²⁸ Tuhan pun

akan mengazab kamu dengan ketidaksiaman, kebutaan, dan kekacauan fikiran. ²⁹ Kamu akan meraba-raba pada tengah hari, seperti orang buta yang meraba-raba dalam kegelapan. Perjalananmu tidak akan berhasil. Sebaliknya, kamu akan selalu diperas dan dirampas orang tanpa ada yang menolong.

³⁰ Kamu akan bertunangan dengan seorang perempuan, tetapi orang lain akan menidurinya. Kamu akan membina rumah, tetapi tidak akan tinggal di dalamnya. Kamu akan menanami kebun anggur, tetapi tidak akan menikmati hasilnya. ³¹ Lembumu akan dibantai orang di hadapan matamu, tetapi kamu tidak akan memakan dagingnya. Keldaimu akan dirampas dari hadapanmu dan tidak akan dikembalikan kepadamu. Dombamu akan diserahkan kepada musuh-musuhmu, dan tiada seorang pun akan menolong kamu. ³² Anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan akan diserahkan kepada bangsa lain. Matamu menyaksikannya dan menjadi sayu kerana merindukan mereka sepanjang hari, namun kamu tidak berdaya.

³³ Hasil tanahmu dan segala jerih lelahmu akan dibaham oleh bangsa yang tidak kamu kenal, dan kamu akan selalu diperas serta ditindas. ³⁴ Kamu akan menjadi gila kerana apa yang kamu lihat.

³⁵ Tuhan akan mengazab kamu dengan bisul

parah yang tidak dapat disembuhkan pada lutut dan pahamu, juga dari telapak kakimu sampai ke ubun-ubunmu.

³⁶ Tuhan akan membawa kamu serta rajamu yang kamu lantik kepada suatu bangsa yang tidak dikenal baik kamu mahupun nenek moyangmu. Di sana kamu akan menyembah tuhan-tuhan lain yang terbuat daripada kayu dan batu. ³⁷ Kamu akan menjadi suatu kengerian, ibarat, dan sindiran dalam kalangan segala bangsa tempat Tuhan menggiring kamu.

³⁸ Banyak benih yang akan kamu bawa ke ladang, tetapi sedikit sahaja hasil yang akan kamu kumpulkan, kerana belalang akan melahapnya.

³⁹ Kamu akan menanam kebun-kebun anggur dan menggarapnya namun tidak akan meminum air anggurnya dan tidak akan mengumpulkan hasilnya, kerana ulat-ulat akan melahapnya.

⁴⁰ Pokok-pokok zaitun akan ada di seluruh daerahmu, tetapi kamu tidak akan mengurapi dirimu dengan minyaknya, kerana buah-buah zaitunmu akan gugur. ⁴¹ Kamu akan mempunyai anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, tetapi mereka tidak akan menjadi milikmu, kerana mereka akan pergi sebagai tawanan.

⁴² Segala pokok yang kamu tanam dan hasil tanahmu akan dimakan habis oleh kawanan belalang.

⁴³ Kaum pendatang yang ada antaramu akan bangkit menjadi semakin tinggi mengatasi kamu. Akan tetapi, kamu akan menjadi semakin rendah. ⁴⁴ Mereka akan memberikan pinjaman kepadamu, tetapi kamu tidak akan memberikan pinjaman kepada mereka. Mereka akan menjadi kepala, sedangkan kamu akan menjadi ekor.

⁴⁵ Demikianlah segala laknat itu akan datang ke atasmu, mengejar kamu, dan sampai kepadamu hingga kamu punah, kerana kamu tidak mahu mematuhi Tuhan, Allahmu, dan tidak berpegang teguh pada segala perintah serta kanun-Nya yang disampaikan-Nya kepadamu. ⁴⁶ Semua itu akan menjadi tanda ajaib dan mukjizat bagimu dan bagi keturunanmu untuk selama-lamanya.

Kutukan berupa pengepungan tentera

⁴⁷ Atas sebab kamu tidak beribadat kepada Tuhan, Allahmu, dengan gembira dan dengan hati yang riang atas segala kelimpahan yang ada ⁴⁸ maka kamu akan menjadi hamba musuh-musuhmu, yang dikerahkan Tuhan untuk melawan kamu, dalam keadaan lapar, haus, telanjang, serta kekurangan segala sesuatu. Mereka akan memasang kuk besi pada tengkuk kamu hingga mereka memunahkan kamu.

⁴⁹ Tuhan akan mendatangkan kepadamu sebuah bangsa dari jauh, dari hujung bumi, yang terbang

melayah turun seperti rajawali – bangsa yang kamu tidak mengerti bahasanya,⁵⁰ bangsa yang garang mukanya, yang tidak mengendahkan orang tua dan juga tidak mengasihani kalangan muda.⁵¹ Mereka akan melahap hasil ternakanmu dan hasil tanahmu hingga kamu punah. Mereka pun tidak akan meninggalkan sisa bagimu daripada gandum, anggur, atau minyak, juga anak lembumu dan kawan dombamu, hingga kamu dibinasakan.⁵² Mereka akan mengepung kamu di segala kotamu, hingga runtuh tembok-tembok kebal yang kamu percayai yang tinggi dan berkubu di seluruh negerimu itu. Kamu akan dikepung di segala kotamu, di seluruh negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

⁵³ Dalam saat kesesakan sewaktu dikepung oleh musuhmu itu, kamu akan memakan buah kandunganmu sendiri, iaitu daging anak-anakmu, baik lelaki mahupun perempuan, yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.⁵⁴ Lelaki yang paling lembut dan halus antaramu akan tidak mengasihani saudaranya, isterinya sendiri, dan anak-anaknya yang masih tinggal dengannya.⁵⁵ Dia tidak akan memberikan sedikit pun daging anak-anaknya yang sedang dimakannya kepada seorang daripada mereka, kerana tidak ada sisa apa-apa lagi padanya dalam kesesakan saat musuh mengepung kamu di segala kotamu.

⁵⁶ Demikian pula perempuan yang paling lembut dan halus antaramu, yang tidak pernah mencuba menjejakkan telapak kakinya ke tanah kerana kehalusan dan kelembutannya. Dia tidak akan mengasihani suaminya dan anaknya baik lelaki mahupun perempuan ⁵⁷ kerana dia bermaksud memakan bayi yang baru dilahirkannya berserta urinya secara sembunyi-sembunyi. Hal itu dilakukannya kerana dia kekurangan segala sesuatu selama musuh mengepung kamu di kota-kotamu.

⁵⁸ Jika kamu tidak berhemat mengikut semua kata dalam hukum Taurat yang tertulis dalam kitab ini dan tidak takut kepada nama yang mulia serta terhebat, iaitu Tuhan, Allahmu, ⁵⁹ maka Tuhan akan menimpakan kepadamu dan kepada keturunanmu azab yang luar biasa – segala azab yang besar dan lama serta penyakit-penyakit yang parah bagi tempoh yang lama juga. ⁶⁰ Dia juga akan mendatangkan ke atasmu segala wabak penyakit Mesir yang kautakuti itu. Semua itu akan melekat kepadamu. ⁶¹ Bahkan segala penyakit dan segala azab yang tidak dituliskan dalam Kitab Suci Taurat ini pun akan didatangkan Tuhan kepadamu hingga kamu punah. ⁶² Sekalipun dahulunya kamu

ramai sebagaimana bintang-bintang di langit, jumlahmu akan tinggal sedikit sahaja kerana kamu tidak mahu mematuhi Tuhan, Allahmu. ⁶³ Jadi, sebagaimana Tuhan dengan senang telah berbuat baik kepadamu serta meramaikan jumlahmu, demikian juga Tuhan dengan senang akan membinasakan dan memunahkan kamu. Kamu akan dicabut-Nya dari tanah yang akan kaumasuki untuk kaududuki.

⁶⁴ Tuhan pun akan mencerai-beraikan kamu antara segala bangsa dari hujung bumi ke hujung bumi. Di sana kamu akan beribadat menyembah tuhan-tuhan kayu dan batu, yang tidak dikenali baik olehmu mahupun oleh nenek moyangmu. ⁶⁵ Antara bangsa itu kamu tidak akan mendapat ketenangan. Tidak akan ada tempat perhentian bagi telapak kakimu. Di sana Tuhan akan memberikan kepadamu hati yang gementar, mata yang sayu, dan jiwa yang merana. ⁶⁶ Hidupmu akan terkatung-katung. Siang dan malam kamu akan ketakutan, dan tidak ada kepastian dalam hidupmu. ⁶⁷ Pada pagi kamu akan berkata, 'Kalaulah sudah malam,' dan pada waktu senja kamu akan berkata, 'Kalaulah sudah pagi,' kerana ketakutan yang dirasakan hatimu serta hal-hal yang kaulihat dengan matamu. ⁶⁸ Tuhan akan membawa kamu kembali ke Mesir dengan kapal-kapal melalui jalan yang

pernah kukatakan kepadamu, ‘Kamu tidak akan melihatnya lagi.’ Di sana kamu akan menjual diri kepada musuh-musuhmu untuk menjadi hamba lelaki dan hamba perempuan, tetapi tiada seorang pun akan membeli kamu.”

Perjanjian dengan Allah diperbaharu

29 ¹ Inilah perkataan perjanjian yang diikat Musa dengan orang Israel di Tanah Moab atas perintah Tuhan, di samping perjanjian yang telah diikat-Nya dengan mereka di Horeb.

² Musa memanggil semua orang Israel lalu berkata kepada mereka, “Kamu sudah melihat segala hal yang dilakukan Tuhan di hadapan matamu di Tanah Mesir terhadap Firaun, terhadap seluruh pegawainya, dan terhadap seluruh negerinya. ³ Matamu sendiri melihat dugaan yang besar, tanda ajaib, dan mukjizat yang besar itu. ⁴ Tetapi sampai sekarang ini Tuhan belum juga mengurniakan kepadamu akal budi untuk memahami, mata untuk melihat, dan telinga untuk mendengar. ⁵ Aku telah memimpin kamu di gurun ini selama empat puluh tahun. Pakaianmu tidak menjadi lusuh di tubuhmu dan kasutmu tidak menjadi usang di kakimu. ⁶ Roti tidak kamu makan dan air anggur atau minuman keras tidak kamu minum, supaya kamu tahu bahawa Akulah Tuhan, Allahmu.

⁷ Sesampainya kamu ke tempat ini, Sihon, raja Hesbon dan Og, raja Basan keluar menghadapi kita untuk berperang, tetapi kita mengalahkan mereka. ⁸ Kita merebut negeri mereka lalu memberikannya kepada suku Ruben, kepada suku Gad, dan kepada separuh suku Manasye sebagai harta pusaka mereka. ⁹ Oleh sebab itu peganglah dengan teguh perkataan perjanjian ini dan lakukanlah semua itu, supaya kamu berhasil dalam segala sesuatu yang kamu lakukan.

¹⁰ Pada hari ini kamu semua berdiri di hadapan Tuhan, Allahmu: para ketua sukumu, para tua-tuamu, para pengatur pasukanmu, semua lelaki Israel, ¹¹ anak-anakmu, isteri-isterimu, dan para pendatang yang ada di perkhemahanmu, juga para pembelah kayu api sampai para penimba air. ¹² Kamu hadir untuk masuk ke dalam perjanjian Tuhan, Allahmu, serta ke dalam sumpah yang diikat Tuhan, Allahmu, denganmu pada hari ini, ¹³ supaya Dia meneguhkan kamu pada hari ini sebagai umat-Nya dan supaya Dia menjadi Allahmu, seperti yang dijanjikan-Nya dan disumpah-Nya kepada nenek moyangmu, iaitu Abraham, Ishak, dan Yakub. ¹⁴ Perjanjian serta sumpah ini bukan hanya kuikat dengan kamu sahaja, ¹⁵ iaitu setiap orang yang pada hari

ini berdiri di sini bersama dengan kita di hadapan Tuhan, Allah kita, melainkan juga dengan setiap orang yang pada hari ini tidak berada di sini bersama-sama kita.

¹⁶ Kamu tahu bagaimana kita tinggal di Tanah Mesir dan bagaimana kita berjalan di tengah-tengah bangsa yang telah kamu lalui.

¹⁷ Kamu telah melihat barang-barang^y kejjikan dan berhala-berhala mereka yang terbuat daripada kayu, batu, perak, atau emas yang ada antara mereka. ¹⁸ Jangan sampai ada antaramu lelaki, perempuan, kaum, ataupun suku yang pada hari ini hatinya berpaling daripada Tuhan, Allah kita, untuk pergi beribadat menyembah tuhan bangsa-bangsa itu. Jangan sampai ada antaramu akar yang menghasilkan pokok beracun atau buah yang pahit.

¹⁹ Jika orang semacam itu mendengar perkataan laknat ini, dia menyangka bahawa dirinya tetap diberkati, katanya, 'Aku akan tetap sejahtera, meskipun aku hidup dalam kedegilan hatiku.' Akibatnya lenyaplah tanah yang basah mahupun yang kering. ²⁰ Tuhan tidak akan rela mengampuni orang itu. Sebaliknya, kemurkaan Tuhan serta kecemburuan-Nya akan membara

^y29:17 Atau: Tuhan-tuhan.

29:18: Ibr 12:15.

terhadap orang itu pada waktu itu. Segala laknat yang tertulis dalam kitab ini akan menyimpannya, dan Tuhan akan menghapuskan namanya dari kolong langit. ²¹ Tuhan akan memisahkan dia daripada segala suku Israel dan membuatnya tertimpa bencana, selaras dengan segala laknat daripada perjanjian yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat ini.

²² Keturunan yang kemudian, iaitu anak-anakmu yang akan muncul setelah kamu, serta orang asing yang datang dari negeri jauh akan menyaksikan azab yang menimpa negeri itu, juga penderitaan yang didatangkan Tuhan kepadanya. ²³ Seluruh negeri itu menjadi hangus dengan belerang dan garam, tidak dapat disemai, tidak dapat menumbuhkan sesuatu, dan tidak tumbuh sesuatu pun di atasnya, sama seperti kehancuran Sodom, Gomora, Adma, dan Zeboim, yang ditunggangbalikkan Tuhan dalam kemurkaan serta amarah-Nya. ²⁴ Segala bangsa akan berkata, 'Mengapakah Tuhan memperlakukan negeri ini demikian? Apakah erti bernyala-nyalanya kemurkaan-Nya yang hebat ini?' ²⁵ Lalu orang akan menjawab, 'Sebab mereka mengabaikan perjanjian Tuhan, Allah nenek moyang mereka, yang diikat-Nya dengan mereka

ketika Dia membawa mereka keluar dari Tanah Mesir. ²⁶ Mereka pergi beribadat menyembah tuhan-tuhan lain dan sujud menyembah semua itu, iaitu tuhan-tuhan yang tidak dikenal mereka dan yang tidak diperuntukkan Tuhan untuk mereka. ²⁷ Sebab itulah kemurkaan Tuhan menyala-nyala terhadap negeri ini, sehingga Dia mendatangkan ke atasnya segala kutukan yang tertulis dalam kitab ini. ²⁸ Dalam kemurkaan-Nya, kegusaran-Nya, serta dalam amarah-Nya yang besar Tuhan mencabut mereka daripada tanah mereka lalu dibuang-Nya mereka ke negeri lain, seperti yang terjadi pada hari ini.'

²⁹ Hal-hal yang tersembunyi adalah bagi Tuhan, Allah kita, tetapi hal-hal yang dinyatakan adalah bagi kita dan bagi anak-anak kita untuk selama-lamanya, supaya kita dapat mengikut semua kata dalam hukum Taurat ini.

Pertaubatan dan pengampunan

30 ¹ Jadi, apabila kamu telah mengalami semua hal ini, iaitu berkat dan laknat yang telah kuhadapkan kepadamu itu, dan kamu bertaubat dalam hatimu di tengah-tengah segala bangsa tempat kamu dibuang oleh Tuhan, Allahmu, ² lalu kamu dan anak-anakmu berbalik kepada Tuhan, Allahmu, dan mematuhi-Nya dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh

jiwamu, seperti semua yang kuperintahkan kepadamu pada hari ini, ³ maka Tuhan, Allahmu, akan memulihkan keadaanmu dan akan mengasihani engkau. Dia akan kembali menghimpunkan kamu daripada kalangan bangsa di mana Tuhan, Allahmu, menceraikan kamu. ⁴ Bahkan jika ada antaramu yang terbang ke hujung langit, maka dari sana juga Tuhan, Allahmu, akan menghimpunkan kamu, dan dari sana juga Dia akan mengambil kamu. ⁵ Tuhan, Allahmu, akan membawa kamu masuk ke negeri yang dimiliki nenek moyangmu, dan kamu juga akan memilikinya. Dia akan berbuat baik kepadamu dan meramaikan jumlahmu melebihi jumlah nenek moyangmu. ⁶ Tuhan, Allahmu, akan menyunat hatimu serta hati keturunanmu, sehingga kamu mengasihi Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh jiwamu, supaya engkau dapat hidup. ⁷ Tuhan, Allahmu, akan menimpakan segala laknat ini kepada musuh-musuhmu dan kepada mereka yang membenci serta menganiaya kamu. ⁸ Kamu akan kembali mematuhi Tuhan dan melakukan segala perintah-Nya yang kusampaikan kepadamu pada hari ini. ⁹ Tuhan, Allahmu, akan membuat kamu berkelimpahan dalam segala hasil pekerjaan tanganmu, dalam buah kandunganmu, dalam hasil ternakanmu,

dan dalam hasil tanahmu. Tuhan sekali lagi akan berkenan mendatangkan kebaikan ke atasmu – sebagaimana Dia dahulu berkenan kepada nenek moyangmu – ¹⁰ asalkan kamu mematuhi Tuhan, Allahmu, dengan berpegang teguh pada segala perintah-Nya serta segala kanun-Nya yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat ini, dan asalkan kamu berbalik kepada Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh jiwamu.

Kehidupan atau kematian

¹¹ Sesungguhnya, perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini tidaklah sukar bagimu dan tidaklah jauh daripada pencapaian kamu.

¹² Bukan di langit tempatnya sehingga engkau berkata, ‘Siapakah yang akan naik ke langit dan mengambilnya untuk kita supaya kita dapat mendengarkannya lalu melakukannya?’ ¹³ Bukan pula di seberang laut tempatnya sehingga kamu berkata, ‘Siapakah yang akan pergi ke seberang laut dan mengambilnya untuk kita supaya kita dapat mendengarkannya lalu melakukannya?’

¹⁴ Firman itu sangat dekat denganmu, iaitu dalam mulutmu dan dalam hatimu, sehingga kamu dapat melakukannya.

¹⁵ Lihatlah, pada hari ini aku menghadapkan kepadamu kehidupan dan kebahagiaan, kematian dan kesusahan. ¹⁶ Pada hari ini aku memerintahkan engkau untuk mengasihi Tuhan, Allahmu, dengan menjalani hidup menurut jalan-Nya dan berpegang teguh pada segala perintah-Nya, kanun-Nya, serta segala peraturan-Nya. Dengan demikian engkau akan hidup, bertambah ramai, dan diberkati Tuhan, Allahmu, di negeri yang akan kaumasuki untuk kaududuki kelak. ¹⁷ Akan tetapi, jika hatimu berpaling dan kamu tidak mahu mendengar, bahkan kamu disesatkan sehingga kamu sujud menyembah tuhan-tuhan lain serta beribadat kepadanya, ¹⁸ maka pada hari ini kunyatakan kepadamu bahawa kamu pasti binasa. Umurmu pun tidak akan lama di negeri yang akan kaumasuki dan kaududuki dengan menyeberangi Sungai Yordan. ¹⁹ Pada hari ini juga aku memanggil langit dan bumi untuk menjadi saksi atas kamu, bahawa aku telah menghadapkan kepadamu kehidupan dan kematian, berkat dan kutukan. Pilihlah kehidupan, supaya engkau dan keturunanmu dapat hidup. ²⁰ Kasihilah Tuhan, Allahmu, patuhilah Dia, dan berpautlah kepada-Nya. Sesungguhnya, Dialah sumber hidupmu dan yang

membuat umurmu panjang, sehingga engkau dapat tinggal di tanah yang telah disumpahkan Tuhan untuk memberikannya kepada nenek moyangmu, yaitu Abraham, Ishak, dan Yakub.”

Yosua mengganti Musa

31 ¹ Kemudian Musa pergi menyampaikan kata-kata ini kepada semua orang Israel. ² Katanya kepada mereka, “Hari ini aku berusia seratus dua puluh tahun. Aku tidak dapat giat lagi memimpinmu. Apatah lagi, Tuhan telah berfirman kepadaku, ‘Kamu tidak akan menyeberangi Sungai Yordan ini.’ ³ Tuhan, Allahmu, Dia sendirilah yang akan maju di hadapanmu. Dia akan memusnahkan bangsa-bangsa itu dari hadapanmu sehingga kamu dapat menakluki mereka, dan Yosua akan memimpin kamu menyeberang, seperti yang difirmankan Tuhan. ⁴ Tuhan akan memperlakukan mereka sebagaimana Dia memperlakukan Sihon dan Og, raja-raja bani Amori, dan juga negeri mereka ketika Dia memusnahkan mereka. ⁵ Tuhan akan menyerahkan mereka kepadamu dan hendaklah kamu memperlakukan mereka selaras dengan segala perintah yang kusampaikan kepadamu. ⁶ Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu. Jangan

takut dan jangan gementar dengan mereka, kerana Tuhan, Allahmu, menyertai kamu. Dia tidak akan membiarkan kamu dan tidak akan meninggalkan kamu.”

⁷ Kemudian Musa memanggil Yosua dan berkata kepadanya di hadapan mata semua orang Israel, “Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu, kerana kamulah yang akan menyertai bangsa ini memasuki negeri yang telah Tuhan sumpah untuk memberikan kepada nenek moyang mereka. Kamu juga akan memimpin mereka mewarisinya. ⁸ Tuhan sendiri akan memimpin kamu, dan Dia pulalah yang akan menyertai kamu. Dia tidak akan membiarkan kamu dan tidak akan meninggalkan kamu. Jangan takut dan jangan kecut hati.”

Pembacaan hukum Taurat setiap tujuh tahun

⁹ Musa menuliskan hukum Taurat ini dan menyerahkannya kepada para imam bani Lewi yang mengusung tabut perjanjian Tuhan, dan kepada semua tua-tua Israel. ¹⁰ Kemudian Musa memberikan perintah kepada mereka demikian, “Pada akhir setiap tujuh tahun, iaitu pada Perayaan Pondok Daun dalam tahun pembebasan hutang, ¹¹ ketika semua orang Israel

datang menghadap hadirat Tuhan, Allahmu, di tempat yang akan dipilih-Nya, bacakanlah hukum Taurat ini di depan semua orang Israel. ¹² Kumpulkanlah umat, baik lelaki, perempuan, anak-anak, mahupun pendatang yang ada di kota-kotamu, agar mereka mendengarkannya dan belajar supaya takut kepada Tuhan, Allahmu, serta mentaati semua kata dalam hukum Taurat ini. ¹³ Dengan demikian anak-anak mereka yang belum pernah mengetahuinya akan dapat mendengarkannya dan belajar supaya takut kepada Tuhan, Allahmu, selama kamu hidup di tanah yang akan kamu miliki setelah menyeberangi Sungai Yordan.”

Yosua ditauliahkan untuk memimpin orang Israel

¹⁴ Berfirmanlah Tuhan kepada Musa, “Ketahuilah, ajalmu hampir tiba. Panggillah Yosua dan hadirkanlah diri bersama-sama di Khemah Pertemuan. Aku akan mentauliahkan dia.” Maka pergilah Musa dan Yosua, lalu hadir di Khemah Pertemuan. ¹⁵ Kemudian Tuhan menampakkan diri di Khemah itu dalam tiang awan, dan tiang awan itu berdiri di pintu Khemah.

¹⁶ Firman Tuhan kepada Musa, “Ketahuilah, kamu akan dibaringkan bersama dengan

nenek moyangmu. Kemudian bangsa ini akan melakukan kemungkaran kafir dengan mengikuti tuhan bangsa asing di negeri yang akan dimasuki mereka. Lalu mereka akan meninggalkan Aku dan mengingkari perjanjian-Ku yang Kuikat dengan mereka. ¹⁷ Pada waktu itu murka-Ku akan menyala-nyala terhadap mereka. Aku akan meninggalkan mereka dan menyembunyikan hadirat-Ku daripada mereka. Mereka akan dimakan habis dan ditimpa banyak malapetaka serta kesesakan. Pada waktu itu mereka akan berkata, 'Bukankah malapetaka ini menimpa kita kerana Allah kita tidak lagi hadir di tengah-tengah kita?' ¹⁸ Pada waktu itu Aku akan menyembunyikan hadirat-Ku sama sekali kerana segala kejahatan yang dilakukan mereka, iaitu kerana mereka berpaling dan menyembah tuhan-tuhan lain.

¹⁹ Sekarang, tuliskanlah nyanyian ini dan ajarkanlah kepada orang Israel. Kemudian latihlah mereka, supaya nyanyian ini menjadi saksi bagi-Ku terhadap orang Israel, ²⁰ bahawa setelah Aku membawa mereka masuk ke tanah yang telah Kusumpah untuk memberikannya kepada nenek moyang mereka, iaitu tanah yang berlimpah susu dan madu, dan setelah mereka makan sehingga kenyang lalu menjadi gemuk, mereka berpaling kepada tuhan-tuhan lain dan

beribadat menyembah tuhan-tuhan itu. Mereka menista Aku dan mengingkari perjanjian-Ku.

²¹ Oleh itu, apabila banyak malapetaka dan kesesakan menimpa mereka, nyanyian ini akan menjadi saksi di hadapan mereka, kerana nyanyian ini tidak akan dilupakan oleh keturunan mereka. Sesungguhnya, sebelum Aku membawa mereka masuk ke negeri yang telah Kusumpah untuk memberikan kepada mereka, sudah Kuketahui niat yang dirancangkan mereka pada hari ini.”

²² Pada hari itu juga Musa menuliskan nyanyian ini lalu mengajarkannya kepada orang Israel.

²³ Kemudian Tuhan mentauliahkan Yosua anak Nun, “Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu, kerana kamu akan membawa orang Israel ke negeri yang telah Kusumpah untuk memberikan kepada mereka. Aku akan menyertai kamu.”

²⁴ Setelah Musa selesai menuliskan perkataan hukum Taurat ini sampai akhir dalam sebuah kitab, ²⁵ Musa memberikan perintah kepada bani Lewi yang mengusung tabut perjanjian Tuhan, ²⁶ “Ambillah Kitab Suci Taurat ini dan letakkanlah di samping tabut perjanjian Tuhan, Allahmu. Kitab itu akan ada di situ sebagai saksi terhadap kamu, ²⁷ kerana aku tahu betapa derhaka dan

keras kepalanya kamu ini. Sekarang sahaja, semasa aku masih hidup bersama-sama kamu pun sudah kamu begitu menderhaka terhadap Tuhan apatah lagi setelah kematianku kelak. ²⁸ Suruhlah semua tua-tua sukumu dan para pengatur pasukanmu berkumpul di depanku. Aku akan menyampaikan kata-kata ini kepada mereka serta memanggil langit dan bumi untuk menjadi saksi terhadap mereka, ²⁹ kerana aku tahu bahawa setelah aku mati, kamu akan berlaku sangat keji dan menyimpang dari jalan yang kuperintahkan kepadamu. Pada kemudian hari malapetaka akan menimpamu, kerana kamu akan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan dan membangkitkan kemurkaan-Nya dengan perbuatan tanganmu.”

³⁰ Kemudian Musa memperdengarkan perkataan nyanyian ini sehingga selesai kepada seluruh jemaah Israel.

Nyanyian Musa

32 ¹ “Berikanlah perhatian, wahai langit, aku hendak berkata-kata.

Dengarlah, wahai bumi, ucapan mulutku.

² Semoga pengajaranku menitik seperti hujan dan perkataanku menitis ke atas rumput muda, bagai hujan lebat ke atas tumbuh-tumbuhan.

³ Aku hendak memasyhurkan nama Tuhan.

Nyatakanlah keagungan Allah kita!

⁴ Dialah Batu Pejal yang sempurna pekerjaan-Nya

kerana adil segala jalan-Nya.

Allah yang setia, tanpa kecurangan.

Dia adil dan benar.

⁵ Mereka berbuat kekejian terhadap Dia.

Oleh sebab noda mereka, mereka bukan lagi anak-anak-Nya,

suatu keturunan yang khianat dan rosak fikiran.

⁶ Begitukah balasanmu terhadap Tuhan, wahai bangsa yang bodoh dan tidak peka?

Bukankah Dia Bapamu yang menebus kamu, yang menjadikan dan mengukuhkan kamu?

⁷ Ingatlah zaman dahulu,

pertimbanglah tahun-tahun angkatan yang lalu.

Tanyalah kepada ayahmu, maka dia akan menunjukkan kepadamu;

kepada para tua-tuamu, maka mereka akan memberitahu kamu.

⁸ Ketika Yang Maha Tinggi membahagi-bahagikan harta pusaka kepada bangsa-bangsa,

ketika Dia memisah-misahkan anak manusia, Dia menetapkan daerah bangsa-bangsa

menurut jumlah orang Israel.

⁹ Tetapi bahagian Tuhan ialah umat-Nya,
Yakub ialah bahagian harta pusaka-Nya.

¹⁰ Didapati-Nya Yakub di daerah gurun,
di gurun yang gersang, tempat binatang
mengaum.

Dikelilingi-Nya dia, diperhatikan-Nya,
dan dijaga-Nya seperti apa yang disayangi-Nya.

¹¹ Bagai rajawali menggoncang-goncangkan
sarangnya,

melayang-layang di atas anak-anaknya,
mengembangkan sayapnya, mengambil
mereka,

dan membawa mereka di atas sayapnya,

¹² demikianlah Tuhan sendiri menuntun dia dan
tidak ada tuhan asing menyertai dia.

¹³ Dibuat-Nya dia menunggangi tempat-tempat
tinggi di bumi,

sehingga dia menikmati hasil ladang.

Dibuat-Nya dia menghisap madu daripada bukit
batu,

dan minyak dari batu pejal yang keras,

¹⁴ dadih daripada kawanannya lembu dan susu
daripada kawanannya domba,

dengan lemak anak-anak domba;

domba-domba jantan muda dari Basan dan
kambing-kambing jantan,

dengan gandum yang terbaik;

juga dari buah anggur yang diperas kauminum
air anggur.

¹⁵ Namun Yesyurun menjadi gemuk dan
menendang ke belakang.

Kamu menjadi gemuk, besar, dan tambun!

Dia meninggalkan Allah yang telah
menjadikannya

dan menghina Batu Pejal sumber
penyelamatannya.

¹⁶ Mereka menyebabkan Dia cemburu dengan
tuhan-tuhan asing,

mereka membangkitkan murka-Nya dengan
tuhan-tuhan kekejian.

¹⁷ Mereka mempersembahkan korban kepada
roh-roh iblis, bukan Allah;

kepada tuhan-tuhan yang tidak dikenal mereka,
tuhan-tuhan baru yang belum lama muncul,
yang tidak ditakuti oleh nenek moyangmu.

¹⁸ Kamu mengabaikan Batu Pejal yang
menciptakanmu,

dan kamu melupakan Allah yang
menjadikanmu.

¹⁹ Tuhan melihat hal itu dan menolak mereka,
kerana kemurkaan-Nya telah dibangkitkan
oleh anak-anak-Nya baik lelaki mahupun
perempuan.

²⁰ Firman-Nya, 'Aku akan menyembunyikan
hadirat-Ku daripada mereka.

Aku akan melihat bagaimana kesudahan
mereka,

kerana mereka itu angkatan yang serong,
anak-anak yang tidak setia.

²¹ Mereka menggusarkan Aku kerana
menduakan Aku dengan yang bukan Allah,
mereka membangkitkan kemurkaan-Ku dengan
berhala mereka.

Oleh sebab itu Aku akan membuat mereka iri
hati dengan yang bukan umat
dan Aku akan membuat mereka marah dengan
bangsa yang bodoh.

²² Dalam kemurkaan-Ku api tersulut,
menyala-nyala sampai ke alam kubur yang
terbawah.

Tanah dan hasilnya ditelannya,
dan dasar-dasar gunung dihanguskannya.

²³ Aku akan menimbun malapetaka ke atas
mereka,
anak-anak panah-Ku akan Kuhabiskan melawan
mereka.

²⁴ Mereka akan lemas kerana kelaparan,
dimamah oleh demam dan wabak yang
dahsyat.

Aku akan melepaskan binatang buas yang bertaring kepada mereka serta binatang melata yang berbisa di tanah.

²⁵ Pedang di luar rumah dan kengerian di dalam bilik,

akan menggugurkan

baik pemuda mahupun anak dara, anak menyusu serta orang beruban.

²⁶ Seharusnya Aku berfirman, "Aku akan menyerakkan mereka.

Aku akan melenyapkan kenangan tentang mereka daripada kalangan manusia."

²⁷ Tetapi Aku mengkhawatirkan celaan musuh.

Jangan sampai musuh-musuh mereka salah memahami,

jangankan sampai mereka berkata, "Kami kuat dan hebat!

Bukan Tuhan yang mengerjakan semua ini." '

²⁸ Mereka ialah bangsa yang kehilangan pertimbangan,

pada mereka tidak ada pengertian.

²⁹ Kalau mereka bijaksana, mereka akan mengerti hal ini

dan akan memahami kesudahannya.

³⁰ Bagaimana mungkin seorang dapat mengejar seribu orang,

atau dua orang dapat menyebabkan sepuluh ribu orang lari,

kalau mereka tidak dijual oleh Batu Pejal
mereka?

Tuhan telah menyerahkan mereka!

³¹ Batu pejal kalangan itu tidak seperti Batu
Pejal kita,

musuh kita pun dapat menilainya.

³² Sesungguhnya, pokok anggur mereka berasal
daripada pokok anggur Sodom
dan dari ladang-ladang Gomora.

Buah anggur mereka buah anggur yang
beracun,

tandan-tandannya pun pahit.

³³ Air anggur mereka ialah bisa ular,
racun ular senduk yang ganas.

³⁴ 'Bukankah hal itu tersimpan pada-Ku,
termaterai dalam perbendaharaan-Ku?

³⁵ Akulah yang berhak membalas dan
menganjar.

Pada waktunya kaki mereka akan goyah,
kerana hari bencana sudah dekat
dan hal-hal yang sudah disiapkan bagi mereka
akan segera datang.'

³⁶ Tuhan akan membela perkara umat-Nya
dan berbelas kasihan kepada hamba-hamba-
Nya,
apabila dilihat-Nya kekuatan mereka lenyap

dan tidak ada yang terselamat, baik orang
kurungan mahupun orang merdeka.

³⁷ Dia akan berfirman, 'Di manakah tuhan
mereka,

batu pejal tempat mereka berlindung,

³⁸ yang memakan lemak korban sembelihan
mereka

dan meminum air anggur persembahan
minuman mereka?

Biarlah mereka bangkit menolong kamu,
biarlah mereka menjadi tempat persembunyian
bagimu.

³⁹ Ketahuilah sekarang, sesungguhnya Aku
sendirilah Dia.

Tidak ada Allah selain-Ku.

Akulah yang mematikan, Aku pulalah yang
menghidupkan.

Aku meremukkan, dan Aku menyembuhkan.

Tidak ada yang dapat melepaskan sesuatu
daripada tangan-Ku.

⁴⁰ Sesungguhnya, Kuangkat tangan-Ku ke langit
dan berfirman: Demi Aku yang hidup untuk
selama-lamanya!

⁴¹ Jika Aku mengasah pedang-Ku yang
berkilat-kilat,

dan penghukuman ada dalam tangan-Ku,
maka Aku akan menuntut balas ke atas
musuh-musuh-Ku

dan mengganjar kalangan yang membenci Aku.

⁴² Aku akan membuat anak-anak panah-Ku
mabuk darah,
sementara pedang-Ku memakan daging:
darah kalangan yang terbunuh dan kalangan
yang ditawan,
daripada para ketua pemimpin musuh.'

⁴³ Wahai bangsa-bangsa, bersorak-sorailah
bersama dengan umat-Nya,
kerana Dia akan membalaskan darah
hamba-hamba-Nya
dan menuntut balas ke atas musuh-musuh-Nya.
Dia akan mengadakan pendamaian bagi
tanah-Nya dan umat-Nya."

⁴⁴ Kemudian Musa berserta Yosua anak Nun
datang untuk memperdengarkan semua kata
nyanyian itu kepada bangsa itu.

⁴⁵ Setelah Musa selesai memperdengarkan
semua kata itu kepada semua orang Israel,
⁴⁶ berkatalah dia kepada mereka, "Letaklah
dalam hatimu semua kata yang kusampaikan
kepadamu pada hari ini. Perintahkanlah
anak-anakmu untuk mentaati semua kata
dalam hukum Taurat ini, ⁴⁷ kerana perkataan
ini bukanlah perkataan yang sia-sia bagimu,
melainkan kehidupanmu. Dengan perkataan ini

umormu akan lanjut di bumi yang akan kamu miliki setelah menyeberangi Sungai Yordan.”

Kematian Musa

⁴⁸ Pada hari itu juga, Tuhan berfirman kepada Musa, ⁴⁹ “Naiklah ke Gunung Abarim, yaitu Gunung Nebo di Tanah Moab, yang berseberangan dengan Yerikho, lalu pandanglah Tanah Kanaan yang Kukurniakan kepada orang Israel menjadi milik mereka. ⁵⁰ Kamu akan mati di atas gunung yang kamu daki itu dan akan dikumpulkan bersama-sama kaum leluhormu sebagaimana Harun, abangmu, yang telah mati di Gunung Hor dan dikumpulkan bersama dengan kaum leluhurnya, ⁵¹ sebab kamu berdua tidak bertindak dengan setia terhadap Aku di tengah-tengah orang Israel, di mata air Meriba, Kadesh, di kawasan Gurun Zin. Kamu tidak menyatakan kesucian-Ku di tengah-tengah orang Israel. ⁵² Kamu boleh memandangi negeri itu terbentang di hadapanmu tetapi tidak boleh masuk ke sana, ke negeri yang Kuberikan kepada orang Israel.”

Ucapan berkat terakhir Musa ke atas orang Israel

33 ¹ Inilah ucapan berkat yang disampaikan Musa, hamba Allah itu, kepada orang Israel sebelum kematiannya. ² Katanya,

“Tuhan datang dari Sinai
dan menunjukkan diri-Nya kepada orang Israel
dari Seir.

Hadirat-Nya tampak bersinar dari Gunung
Paran;

datang-Nya dari antara puluhan ribu orang suci.
Di sebelah kanan-Nya ada api yang menyala
bagi mereka.

³ Benarlah, Dia mengasihi umat-Nya, semua
orang suci-Nya –

sememangnya mereka di dalam tangan-Mu.

Mereka duduk di kaki-Mu

dan menerima panduan daripada firman-Mu.

⁴ Musa telah mengamanatkan kepada kita
hukum Taurat

sebagai hak milik bagi jemaah Yakub.

⁵ Tuhan ialah raja atas Yesyurun,

ketika para ketua umat berkumpul,
iaitu suku-suku Israel bersama-sama.

⁶ Biarkan Ruben hidup dan jangan mati,
tetapi biarlah jumlah orangnya sedikit.”

⁷ Mengenai Yehuda, inilah katanya,

“Ya Tuhan, dengarlah suara Yehuda

dan bawalah dia kepada bangsanya.
Dengan tangannya dia berjuang bagi dirinya.
Jadilah penolongnya menghadapi musuh-
musuhnya.”

⁸ Mengenai Lewi dia berkata,
“Tumim-Mu dan Urim-Mu
adalah milik orang salih-Mu yang Kauuji di
Masa –

dengannya Kamu berbantah di mata air Meriba.

⁹ Mengenai ayah dan ibunya dia berkata,
‘Aku tidak mengendahkan mereka.’

Dia juga tidak mengiktiraf saudara-saudaranya
dan tidak mengakui anak-anaknya sendiri.

Akan tetapi, bani Lewi itu berpegang teguh
pada firman-Mu

dan menjaga perjanjian-Mu.

¹⁰ Mereka mengajarkan peraturan-peraturan-
Mu kepada Yakub,

dan hukum-Mu kepada Israel.

Mereka meletakkan dupa di hadapan-Mu
dan korban yang dibakar seluruhnya di atas
mazbah-Mu.

¹¹ Ya Tuhan, berkatilah kemampuannya
dan terimalah pekerjaan tangannya.

Remukkanlah pinggang orang yang bangkit
melawannya

dan yang membencinya, sehingga orang itu tidak dapat bangkit lagi.”

¹² Mengenai Benyamin dia berkata,
“Biarlah kekasih Tuhan itu berdiam di sisi-Nya dengan aman.

Allah melindunginya sepanjang waktu dan bersemayam di antara kedua-dua bahunya.”

¹³ Mengenai Yusuf dia berkata,
“Biarlah negerinya diberkati Tuhan dengan yang terbaik dari langit, dengan embun, dan dengan samudera yang terhampar di bawah;

¹⁴ dengan yang terbaik yang dihasilkan matahari, dan dengan yang terbaik yang tumbuh setiap bulan;

¹⁵ dengan yang terutama dari gunung-gunung dahulukala, dan dengan yang terbaik daripada bukit-bukit purbakala;

¹⁶ dengan yang terbaik daripada bumi serta segala isinya, dan dengan keredaan Dia yang hadir dalam semak menyala.

Biarlah semua itu turun ke atas kepala Yusuf, ke atas ubun-ubun orang yang teristimewa antara saudara-saudaranya.

¹⁷ Kegemilangannya bagaikan anak sulung
lembunya,
dan tanduk-tanduknya ialah tanduk-tanduk
lembu liar.

Dengan tanduk itu dia menanduk bangsa-
bangsa

sampai ke hujung-hujung bumi.

Itulah puluhan ribu orang Efraim
dan ribuan orang Manasye.”

¹⁸ Mengenai Zebulon dia berkata,

“Bersuka rialah, wahai Zebulon, dalam
perjalananmu,

dan kamu, wahai Isakhar, di dalam khemah-
khemahmu.

¹⁹ Mereka akan memanggil bangsa-bangsa ke
gunung.

Di sana mereka akan mempersembahkan
pelbagai korban sembelihan yang benar.

Sesungguhnya, mereka akan menghisap
kelimpahan laut

dan harta yang tersembunyi di dalam pasir.”

²⁰ Mengenai Gad dia berkata,

“Diberkatilah Dia yang meluaskan wilayah Gad.
Gad berdiam di sana seperti singa betina.

Dicabik-cabiknya lengan bahkan ubun-ubun.

²¹ Dipilihnya bahagian yang terbaik untuk
dirinya,

kerana di sana tersimpan bahagian panglima.

Maka datanglah dia bersama-sama ketua umat dan dijalankannya keadilan Tuhan serta hukum-hukum-Nya dalam hal orang Israel.”

²² Mengenai Dan dia berkata,
“Dan anak singa yang melompat keluar dari Basan.”

²³ Mengenai Naftali dia berkata,
“Naftali kenyang dengan keredaan dan penuh dengan berkat Tuhan. Milikilah daerah sebelah barat dan sebelah selatan.”

²⁴ Mengenai Asyer dia berkata,
“Diberkatilah Asyer melebihi anak-anak lelaki. Biarlah dia disukai oleh saudara-saudaranya, dan biarlah dia mencelupkan kakinya ke dalam minyak.

²⁵ Semoga semua palang pintumu terbuat daripada besi dan tembaga dan kekuatanmu bertahan sepanjang usiamu.

²⁶ Tidak ada yang seperti Allah, wahai Yesyurun. Sebagai penolongmu, Dia mengenderai langit dan mengenderai awan-awan dalam kemegahan-Nya.

²⁷ Allah yang abadi ialah tempat perlindunganmu, dan di bawahmu ada lengan-lengan yang kekal. Dia mengusir musuh dari hadapanmu

dan berfirman, ‘Punahkanlah!’

²⁸ Maka Israel tinggal dengan aman.

Mata air Yakub tinggal bersendirian
di negeri tempat gandum dan air anggur.

Bahkan langitnya pun menitikkan embun.

²⁹ Berbahagialah kamu, wahai Israel!

Siapakah seperti kamu?

Kamu ialah bangsa yang diselamatkan Tuhan.

Dialah perisai penolongmu

dan pedang kejayaanmu.

Musuh-musuhmu akan mengekot

merendahkan diri kepadamu

dan kamu akan menginjak-injak tempat-tempat
tinggi mereka.”

Kematian Musa

34 ¹ Kemudian naiklah Musa dari dataran Moab ke Gunung Nebo, iaitu ke puncak Pisga, yang berseberangan dengan Yerikho. Lalu Tuhan memperlihatkan kepadanya seluruh negeri itu: dari Gilead sampai ke Dan, ² seluruh Tanah Naftali, Tanah Efraim dan Manasye, seluruh Tanah Yehuda sampai ke laut sebelah barat, ³ Tanah Negeb dan dataran rendah Yerikho, kota pokok kurma itu, sampai ke Zoar. ⁴ Firman Tuhan kepadanya, “Itulah negeri yang

Kusumpah kepada Abraham, Ishak, dan Yakub ketika Aku berfirman, 'Aku akan memberikannya kepada keturunanmu.' Aku mengizinkan engkau melihatnya dengan matamu, tetapi engkau tidak akan menyeberang ke sana."

⁵ Setelah itu Musa, hamba Tuhan itu, meninggal di sana, di Tanah Moab, selaras dengan firman Tuhan. ⁶ Tuhan memakamkannya di lembah di Tanah Moab, yang berseberangan dengan Bet-Peor. Tiada seorang pun mengetahui makamnya sampai hari ini. ⁷ Musa berumur seratus dua puluh tahun ketika kematiannya. Matanya belum kabur dan kekuatannya belum berkurangan. ⁸ Orang Israel menangisi Musa di dataran Moab selama tiga puluh hari. Setelah itu, selesailah masa tangisan dan perkabungan kerana Musa.

⁹ Yosua anak Nun penuh dengan roh kearifan, kerana Musa telah meletakkan tangannya ke atasnya. Orang Israel mentaatinya dan melakukan seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

¹⁰ Tidak pernah muncul lagi seorang nabi di Israel seperti Musa, yang dikenal Tuhan secara berhadapan muka. ¹¹ Atas perintah Tuhan dia melakukan segala tanda ajaib dan mukjizat di

Tanah Mesir bagi Firaun, seluruh pegawainya, serta seluruh negerinya, ¹² dan di hadapan mata semua orang Israel, Musa menunjukkan segala perbuatan yang hebat serta melakukan keajaiban yang luar biasa.

YOSUA

Yosua ditauliahkan Tuhan

1 ¹ Setelah kematian Musa, hamba Tuhan itu, Tuhan berfirman kepada Yosua anak Nun, penolong Musa, ² “Hamba-Ku Musa telah mati. Sekarang, segeralah engkau dan seluruh bangsa ini menyeberangi Sungai Yordan untuk menuju negeri yang Kukurniakan kepada mereka, yaitu kepada orang Israel. ³ Setiap tempat yang akan dipijak oleh telapak kakimu telah Kukurniakan kepadamu, seperti yang Kufirmankan kepada Musa. ⁴ Daerahmu akan terbentang dari gurun dan dari Gunung Lebanon ini sampai sungai besar, yaitu Sungai Efrat – seluruh negeri orang Het – sampai Laut Besar, di arah matahari terbenam. ⁵ Tidak ada seorang pun akan dapat bertahan menghadapi engkau seumur hidupmu. Sebagaimana dahulu Aku menyertai Musa, demikianlah Aku akan menyertai engkau. Aku tidak akan menterlantarkan engkau dan tidak akan meninggalkan engkau. ⁶ Kuatkanlah dan

1:3: Ul 11:24,25. **1:5:** Ul 31:6,8; Ibr 13:5.

1:6: Ul 31:6,7,23.

mantapkanlah hatimu kerana engkau akan memimpin bangsa ini mewarisi negeri seperti yang Kujanjikan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka untuk dikurniakan kepada mereka. ⁷ Hanya, kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu sungguh-sungguh. Berhati-hatilah supaya melakukan seluruh hukum Taurat yang diperintahkan oleh hamba-Ku Musa kepadamu. Janganlah menyimpang ke kanan atau ke kiri, supaya engkau berhasil ke mana-mana pun engkau pergi. ⁸ Kitab Suci Taurat ini tidak akan lekang daripada mulutmu, tetapi hendaklah engkau merenungkannya siang dan malam, supaya engkau berhati-hati melakukan segala yang tertulis di dalamnya. Dengan demikian perjalananmu akan beruntung dan engkau akan berjaya. ⁹ Bukankah telah Kuperintahkan kepadamu, ‘Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu’? Jangan gentar dan jangan kecut hati, kerana Tuhan, Allahmu, menyertai engkau ke mana-mana jua pun engkau pergi.”

¹⁰ Setelah itu, Yosua memerintahkan para pegawai pasukan umat itu, katanya, ¹¹ “Berjalanlah di tengah-tengah perkhemahan dan perintahkanlah umat itu sebegini, ‘Siapkanlah bekalanmu, kerana dalam tiga hari ini kamu akan menyeberangi Sungai Yordan

untuk masuk menduduki negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu sebagai milikmu.’ ”

¹² Kepada bani Ruben, bani Gad, dan separuh suku Manasye itu, Yosua berkata, ¹³ “Ingatlah akan perkataan yang diamanahkan Musa, hamba Tuhan itu, kepadamu, ‘Tuhan, Allahmu, memberikan ketenteraman kepadamu dan mengurniakan negeri ini kepadamu.’ ¹⁴ Isterimu, anak-anakmu, dan ternakanmu boleh tinggal di negeri yang diberikan Musa kepadamu di seberang Sungai Yordan. Tetapi kamu, semua kesateria yang gagah perkasa, mesti menyeberang di depan para saudaramu dengan bersenjata lengkap. Kamu perlu membantu mereka ¹⁵ sampai Tuhan mengurniakan ketenteraman kepada saudara-saudaramu seperti halnya kepadamu, dan sampai mereka menduduki negeri yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepada mereka. Setelah itu, barulah kamu dapat kembali ke tanah milikmu dan menduduki negeri yang diberikan Musa, hamba Tuhan itu, kepadamu di seberang Sungai Yordan, di arah matahari terbit.”

¹⁶ Jawab mereka kepada Yosua, “Semua yang kauperintahkan kepada kami akan kami lakukan, dan ke mana-mana pun kausuruh kami pergi,

kami akan pergi. ¹⁷ Seperti kami mentaati Musa dalam segala hal, demikian jugalah kami akan mentaati engkau. Semoga Tuhan, Allahmu, menyertai engkau seperti Dia menyertai Musa. ¹⁸ Setiap orang yang menentang perintahmu dan tidak mahu mendengar perkataanmu dalam segala hal yang kauperintahkan kepadanya haruslah dihukum mati. Hanya, kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu.”

Yosua mengutus pengintip ke Yerikho

2 ¹ Secara senyap-senyap, Yosua anak Nun mengutus dua orang pengintip dari Sitim, pesannya, “Pergilah, amatilah negeri itu dan kota Yerikho.” Maka pergilah mereka lalu sampai di rumah seorang pelacur yang bernama Rahab. Mereka pun menginap di situ.

² Tetapi kemudian raja Yerikho diberitahu demikian, “Ketahuilah, ada beberapa orang Israel datang ke mari malam ini untuk mengintip negeri ini.” ³ Maka raja Yerikho mengutus orang kepada Rahab dengan mengatakan, “Bawa ke luar orang yang datang kepadamu dan yang masuk ke rumahmu itu, kerana mereka datang untuk mengintip seluruh negeri ini!”

⁴ Akan tetapi, perempuan itu membawa dua orang itu dan menyembunyikan mereka. Dia berkata, “Ya, memang mereka itu datang kepadaku, tetapi aku tidak tahu dari mana asalnya mereka.” ⁵ Pada waktu hari sudah gelap, kira-kira menjelang waktu pintu gerbang ditutup, mereka itu pergi. Aku tidak tahu ke mana mereka pergi. Segeralah kejar mereka. Tentu kamu dapat menyusul mereka.” ⁶ Padahal, dia telah membawa mereka naik ke atap rumah dan menyembunyikan mereka di antara batang rami yang disusunnya di atas atap itu. ⁷ Maka pergilah para pesuruh raja itu mengejar kedua-duanya ke arah Sungai Yordan, ke tempat-tempat penyeberangan. Segera sesudah semua yang mengejar mereka itu keluar, pintu gerbang ditutup.

⁸ Sebelum dua orang itu tidur, perempuan itu naik mendapatkan mereka di atas bumbung. ⁹ Katanya kepada mereka, “Aku tahu bahawa Tuhan telah mengurniakan negeri ini kepada kamu. Rasa ngeri terhadap kamu telah melanda kami, dan seluruh penduduk negeri ini gementar kerana kamu.” ¹⁰ Kami telah mendengar bagaimana Tuhan mengeringkan air Laut Merah di hadapanmu ketika kamu keluar dari Mesir,

juga apa yang kamu lakukan terhadap dua orang raja bani Amori di seberang Sungai Yordan, yaitu Sihon dan Og, yang telah kamu tumpaskan itu. ¹¹Sebaik sahaja kami mendengar hal itu, tawarlah hati kami. Tidak ada lagi baki semangat yang ada pada seorang pun kerana kamu, sebab Tuhan, Allahmu, ialah Allah di langit di atas dan di bumi di bawah. ¹²Sekarang, bersumpahlah kepadaku demi Tuhan bahawa kerana aku telah memperlakukan kamu dengan baik, maka kamu pun akan memperlakukan aku dan kaum keluargaku dengan baik. Berilah aku suatu tanda jaminan ¹³ bahawa kamu akan membiarkan hidup ayahku, ibuku, saudara-saudaraku yang laki-laki dan perempuan serta semua orang yang ada pada mereka, dan bahawa kamu akan melepaskan nyawa kami daripada maut.”

¹⁴ Lalu kata dua orang itu kepadanya, “Nyawa kamilah jaminan bagi nyawamu! Jika engkau tidak melaporkan urusan kami ini, maka pada waktu Tuhan mengurniakan negeri ini kepada kami, kami akan berlaku baik dan setia kepadamu.”

¹⁵ Setelah itu, dia menurunkan mereka dengan tali melalui jendela, kerana rumahnya terletak pada tembok kota. Pada tembok itulah tempat dia tinggal. ¹⁶ Katanya kepada mereka, “Larilah ke gunung supaya orang yang mengejar itu tidak menemukan kamu. Bersembunyilah di sana tiga

hari lamanya hingga mereka pulang. Kemudian barulah kamu dapat meneruskan perjalananmu.”

¹⁷ Kata dua orang itu kepadanya, “Kami akan menepati sumpah yang kami ucapkan atas permintaanmu itu. ¹⁸ Apabila kami memasuki negeri ini, ikatkanlah tali daripada benang merah tua ini pada jendela tempat engkau menurunkan kami, dan kumpulkanlah ayahmu, ibumu, para saudaramu, serta seluruh kaum keluargamu di dalam rumahmu. ¹⁹ Sesiapa pun yang keluar dari pintu rumahmu ke jalan, maka darahnya menjadi tanggungannya sendiri, kami tidak bersalah. Sebaliknya, siapa pun yang ada bersama-samamu di dalam rumah, maka darahnya menjadi tanggungan kami jika ada orang yang mencederakannya. ²⁰ Akan tetapi, jika engkau melaporkan urusan ini, maka bebaslah kami daripada sumpah yang kami ucapkan atas permintaanmu itu.” ²¹ Jawabnya, “Aku setuju dengan apa yang kamu katakan.” Lalu dia menyuruh mereka pergi dan mereka pun berangkat. Kemudian dia mengikatkan tali merah itu pada jendela.

²² Pergilah dua orang itu lalu tibalah mereka di gunung. Mereka tinggal di sana selama tiga hari sampai kumpulan orang yang mengejar mereka pulang. Para pengejar itu sudah melakukan pencarian di sepanjang jalan, tetapi tidak juga

menjumpai mereka. ²³ Kemudian pulanglah dua orang itu. Mereka turun dari gunung, menyeberangi sungai, lalu kembali kepada Yosua anak Nun. kepadanya mereka menceritakan segala hal yang dialami itu. ²⁴ Kata mereka kepada Yosua, “Sesungguhnya, Tuhan telah menyerahkan seluruh negeri itu ke dalam tangan kita. Bahkan seluruh penduduk negeri itu gementar kerana kita.”

Orang Israel menyeberangi Sungai Yordan

3 ¹ Yosua bangun pagi-pagi, lalu dia serta seluruh orang Israel berangkat dari Sitim dan tiba di Sungai Yordan. Mereka bermalam di sana sebelum menyeberang. ² Setelah tiga hari berlalu, para pegawai pasukan berjalan di tengah-tengah perkhemahan ³ dan memberikan perintah sedemikian kepada umat itu, “Sebaik sahaja kamu melihat tabut perjanjian Tuhan, Allahmu, diusung oleh para imam Lewi, kamu harus beranjak dari tempatmu dan mengikuti tabut itu. ⁴ Tetapi harus ada jarak di antara kamu dengan tabut itu sejauh kira-kira dua ribu hasta dan janganlah datang dekat, supaya kamu dapat mengetahui jalan yang harus kamu tempuh, kerana kamu tidak pernah melalui jalan ini sebelumnya.”

⁵ Lalu Yosua berkata kepada bangsa itu, “Sucikanlah dirimu kerana esok Tuhan akan melakukan keajaiban-keajaiban dalam kalangan kamu.” ⁶ Kata Yosua pula kepada para imam, “Angkatlah tabut perjanjian dan menyeberanglah di depan umat itu.” Mereka pun mengangkat tabut perjanjian dan berjalan di depan umat itu.

⁷ Kemudian Tuhan berfirman kepada Yosua, “Pada hari ini Aku hendak mulai membesarkan engkau di mata seluruh orang Israel, supaya mereka tahu bahawa sebagaimana dahulunya Aku menyertai Musa, demikian jugalah Aku akan menyertai engkau. ⁸ Hendaklah engkau memerintahkan sedemikian kepada para imam pengusung tabut perjanjian itu, ‘Sesudah kamu sampai di pinggir air Sungai Yordan, hendaklah kamu berdiri tanpa bergerak-gerak di Sungai Yordan itu.’ ”

⁹ Lalu Yosua berkata kepada orang Israel, “Ke marilah, dengarlah firman Tuhan, Allahmu.” ¹⁰ Kata Yosua pula, “Daripada hal inilah kamu akan tahu bahawa Allah yang hidup itu hadir di tengah-tengah kamu dan Dia pasti mengusir bani Kanaan, bani Het, bani Hewi, bani Feris, bani Girgasi, bani Amori, dan bani Yebus dari hadapanmu. ¹¹ Lihatlah, tabut perjanjian Tuhan semesta bumi akan menyeberang di depanmu, turun ke Sungai Yordan. ¹² Sekarang, pilihlah

dua belas orang daripada kalangan suku Israel, seorang daripada setiap suku. ¹³ Nanti, apabila telapak kaki para imam pengusung tabut Tuhan, Tuhan semesta bumi, berhenti di dalam air Sungai Yordan, air Sungai Yordan akan terputus. Air yang turun dari hulu akan tertahan menjadi satu timbunan.”

¹⁴ Maka terjadilah apabila umat itu berangkat dari perkhemahan mereka untuk menyeberangi Sungai Yordan, para imam mengusung tabut perjanjian di depan umat itu. ¹⁵ Lalu ketika para pengusung tabut sampai di Sungai Yordan dan kaki para imam pengusung tabut itu tercelup di pinggir air itu – sememangnya Sungai Yordan meluap keseluruhan tebingnya selama musim menuai – ¹⁶ maka air yang turun dari hulu tertahan. Air itu tegak menjadi suatu timbunan, begitu jauh dari kota raya Adam, kota di sebelah Sartan. Air yang turun ke Laut Arabah, iaitu Laut Mati, juga terputus sama sekali. Lalu umat itu pun menyeberang, bertentangan dengan kedudukan Kota Yerikho. ¹⁷ Para imam pengusung tabut perjanjian Tuhan itu berdiri tegap di atas tanah yang kering, di tengah-tengah Sungai Yordan, sementara seluruh orang Israel menyeberang di atas tanah yang kering, sehingga seluruh umat Israel selesai menyeberangi Sungai Yordan.

Letaknya dua belas biji batu peringatan

4 ¹ Maka setelah seluruh umat Israel selesai menyeberangi Sungai Yordan, berfirmanlah Tuhan kepada Yosua, ² “Pilihlah dua belas orang daripada umat, seorang daripada setiap suku. ³ Perintahkanlah mereka demikian, ‘Angkatlah dua belas biji batu dari sini, dari tengah-tengah Sungai Yordan ini, tempat para imam itu berdiri teguh. Bawalah semua batu itu menyeberang bersama-samamu, dan letakkanlah di tempat kamu bermalam pada malam ini.’ ”

⁴ Maka Yosua memanggil dua belas orang yang telah disiapkannya daripada kalangan orang Israel, seorang daripada setiap suku. ⁵ Kata Yosua kepada mereka, “Menyeberanglah di depan tabut Tuhan, Allahmu, ke tengah-tengah Sungai Yordan. Pikullah sebiji batu di atas bahu masing-masing menurut jumlah suku orang Israel ⁶ supaya batu-batu itu menjadi tanda antaramu. Apabila anak-anakmu bertanya pada kemudian hari, ‘Apakah erti batu-batu itu bagi kamu?’ ⁷ maka katakanlah kepada mereka bahawa air Sungai Yordan terputus di depan tabut perjanjian Tuhan. Ketika tabut itu menyeberangi Sungai Yordan, air Sungai Yordan terputus. Batu-batu itu akan menjadi tanda peringatan bagi orang Israel untuk selama-lamanya.”

⁸ Orang Israel melakukan apa yang diperintahkan Yosua. Mereka mengangkat dua belas biji batu dari tengah-tengah Sungai Yordan menurut jumlah suku orang Israel, seperti yang difirmankan Tuhan kepada Yosua. Mereka membawa semuanya menyeberang ke tempat mereka bermalam, lalu mereka meletakkannya di sana. ⁹ Yosua mendirikan pula dua belas batu di tengah-tengah Sungai Yordan, di tempat kaki para imam pengusung tabut perjanjian itu berdiri. Batu-batu itu masih ada di sana sampai hari ini. ¹⁰ Para imam pengusung tabut itu terus berdiri di tengah-tengah Sungai Yordan sehingga segala sesuatu yang diperintahkan Tuhan kepada Yosua untuk disampaikan kepada bangsa itu selesai dilaksanakan, sebagaimana yang diperintahkan Musa kepada Yosua.

Selepas itu, bergegaslah umat itu menyeberang. ¹¹ Sesudah selesai penyeberangan seluruh umat itu, menyeberanglah para imam berserta tabut Tuhan di hadapan umat itu. ¹² Bani Ruben, bani Gad, dan separuh suku iaitu Manasye, menyeberang dengan bersenjata lengkap di hadapan orang Israel, seperti yang dipesankan Musa kepada mereka. ¹³ Kira-kira empat puluh ribu orang yang siap sedia untuk bertempur menyeberang di hadapan hadirat Tuhan ke dataran Yerikho untuk berperang. ¹⁴ Pada hari

itu juga Tuhan membuat Yosua kelihatan besar di mata semua orang Israel. Mereka hormat kepadanya, sebagaimana mereka hormat kepada Musa seumur hidupnya.

¹⁵ Firman Tuhan kepada Yosua,

¹⁶ “Perintahkanlah para imam pengusung tabut loh hukum itu untuk keluar dari Sungai Yordan.” ¹⁷ Maka Yosua memberikan perintah kepada para imam itu, “Keluarlah dari Sungai Yordan.” ¹⁸ Ketika para imam pengusung tabut perjanjian Tuhan itu keluar dari tengah-tengah Sungai Yordan, dan ketika telapak kaki para imam memijak daratan, maka air Sungai Yordan itu kembali ke tempatnya semula dan mengalir melimpahi pinggirnya seperti sebelumnya.

¹⁹ Orang Israel keluar dari Sungai Yordan pada hari kesepuluh pada bulan pertama lalu berkhemahlah mereka di Gilgal, di sempadan timur Yerikho. ²⁰ Lalu Yosua mendirikan dua belas biji batu yang diambil mereka dari Sungai Yordan di Gilgal. ²¹ Katanya kepada orang Israel, “Jika pada kemudian hari anak-anakmu bertanya kepada ayah mereka, ‘Apakah erti batu-batu ini?’ ²² maka beritahulah anak-anakmu begini, ‘Dulu orang Israel menyeberangi Sungai Yordan ini di atas tanah yang kering.’ ²³ Tuhan, Allahmu, telah mengeringkan air Sungai Yordan di depanmu sehingga kamu dapat menyeberanginya, sama

seperti ketika Tuhan, Allahmu, mengeringkan Laut Merah, di hadapan kita sehingga kita dapat menyeberanginya. ²⁴ Hal itu dilakukan-Nya supaya segala bangsa di bumi ini tahu bahawa tangan Tuhan itu kuat, dan supaya kamu sentiasa takut kepada Tuhan, Allahmu.”

Persunatan dan Hari Raya Paskah di Gilgal

5 ¹ Maka apabila terdengar oleh semua raja bani Amori yang tinggal di sebelah barat Sungai Yordan dan semua raja bani Kanaan yang tinggal di tepi laut perihal Tuhan mengeringkan Sungai Yordan di hadapan orang Israel sehingga orang Israel dapat menyeberang, maka tawarlah hati mereka dan mereka tidak lagi bersemangat menghadapi orang Israel.

² Pada waktu itu berfirmanlah Tuhan kepada Yosua, “Buatlah beberapa bilah pisau daripada batu dan sunatkan lagi orang Israel buat kali keduanya.” ³ Maka Yosua membuat beberapa bilah pisau daripada batu, lalu disunatkannya orang Israel di Bukit Sunat. ⁴ Inilah alasan mengapa Yosua menyunatkan mereka: Semua lelaki antara orang yang keluar dari Mesir, iaitu semua pejuang lelaki, telah mati di gurun dalam perjalanan sesudah keluar dari Mesir. ⁵ Semua

orang yang keluar itu sudah disunatkan, tetapi keturunan baru yang lahir di gurun dalam perjalanan setelah keluar dari Mesir belum disunatkan. ⁶ Orang Israel berjalan selama empat puluh tahun di gurun sampai seluruh pejuang bangsa yang keluar dari Mesir itu habis mati, kerana mereka tidak mematuhi Tuhan. Kepada mereka Tuhan telah bersumpah bahawa Dia tidak akan mengizinkan mereka melihat negeri yang dijanjikan Tuhan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka untuk dikurniakan kepada kita, iaitu sebuah negeri yang berlimpah-limpah dengan susu dan madu. ⁷ Jadi, Allah membangkitkan anak-anak mereka sebagai ganti mereka, dan mereka itulah yang disunatkan oleh Yosua. Mereka belum bersunat, kerana mereka tidak disunatkan dalam perjalanan itu.

⁸ Setelah seluruh umat itu selesai disunatkan, tinggallah mereka di tempat masing-masing di perkhemahan itu sampai mereka pulih.

⁹ Kemudian Tuhan berfirman kepada Yosua, "Hari ini telah Kugulingkan cela Mesir itu daripada kamu." Itulah sebabnya tempat itu dinamai Gilgal sampai hari ini.

¹⁰ Orang Israel berkhemah di Gilgal dan pada waktu petang hari keempat belas pada bulan itu,

mereka merayakan Paskah di dataran Yerikho.

¹¹ Lalu sehari setelah Paskah, mereka memakan hasil negeri itu, iaitu roti yang tidak beragi dan bertih gandum. ¹² Sehari selepas mereka memakan hasil negeri itu, tiada lagi manna bagi orang Israel lalu mereka memakan hasil Tanah Kanaan pada tahun itu.

Panglima malaikat Tuhan

¹³ Ketika Yosua berada dekat Yerikho lalu melayangkan pandangannya untuk mengamati sekelilingnya, tampak seorang laki-laki berdiri di hadapannya menghunus pedang di tangan. Yosua mendekatinya dan bertanya kepadanya, “Engkau memihak kami atau memihak musuh kami?”

¹⁴ Lelaki itu menjawab, “Kedua-duanya pun bukan. Aku datang sekarang sebagai Panglima malaikat Tuhan.”

Yosua pun bersujud dan memberi hormat lantas berkata kepadanya, “Apakah yang akan tuanku sabdakan kepada hambanya ini?”

¹⁵ Jawab Panglima malaikat Tuhan itu kepada Yosua, “Tanggalkanlah kasut daripada kakimu kerana tempat engkau berdiri itu suci.” Lalu Yosua pun berbuat demikian.

Jatuhnya Yerikho

6¹ Lantaran kehadiran orang Israel itu, Yerikho tertutup ketat-ketat dan tiada seorang pun yang keluar ataupun masuk.² Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Yosua, “Ketahuilah, Aku telah menyerahkan Yerikho berserta rajanya dan para kesaterianya yang gagah perkasa ke dalam tanganmu.³ Hendaklah kamu serta semua pejuang mengelilingi kota itu satu kali dan hendaklah hal itu dilakukan selama enam hari.⁴ Hendaklah tujuh orang imam membawa tujuh sangkakala tanduk domba jantan di depan tabut itu. Pada hari ketujuh hendaklah kamu mengelilingi kota itu tujuh kali dan hendaklah para imam meniup sangkakala itu.⁵ Apabila kamu mendengar sangkakala tanduk domba jantan itu dibunyikan panjang, maka hendaklah seluruh umat bersorak dengan sorakan yang nyaring. Tembok kota itu akan roboh di tempatnya dan hendaklah seluruh umat itu memanjat tempat yang ada di hadapan masing-masing.”

⁶ Kemudian Yosua anak Nun memanggil para imam dan berkata kepada mereka, “Angkatlah tabut perjanjian itu. Tujuh orang imam harus membawa tujuh sangkakala tanduk domba di depan tabut Tuhan.”⁷ Lalu katanya kepada bangsa itu, “Majulah, kelilingilah kota itu.

Hendaklah kumpulan orang bersenjata berjalan di hadapan tabut Tuhan.”

⁸ Sebagaimana yang diperintahkan Yosua kepada umat itu, berjalanlah ketujuh-tujuh orang imam yang membawa tujuh sangkakala tanduk domba itu di hadapan Tuhan lalu mereka meniup sangkakala itu, dengan tabut perjanjian Tuhan mengikuti mereka. ⁹ Orang yang bersenjata berjalan di hadapan para imam yang meniup sangkakala, dan pasukan barisan belakang mengikuti tabut. Sementara itu sangkakala ditiup terus-menerus. ¹⁰ Yosua memerintahkan orang Israel demikian: “Jangan bersorak, jangan perdengarkan suaramu, dan jangan keluar sepatah kata pun daripada mulutmu sampai saat aku menyuruh kamu bersorak. Pada waktu itu barulah kamu bersorak.” ¹¹ Demikianlah tabut Tuhan dibawa mengelilingi kota itu sekali sahaja. Setelah itu, mereka kembali ke perkhemahan dan bermalam di situ.

¹² Keesokan harinya Yosua bangun pagi-pagi, lalu para imam mengangkat tabut Tuhan.

¹³ Tujuh orang imam yang membawa tujuh buah sangkakala tanduk domba jantan berjalan di hadapan tabut Tuhan itu. Sambil berjalan mereka meniup sangkakala. Orang bersenjata berjalan di depan mereka dan pasukan barisan belakang mengikuti tabut Tuhan. Sementara itu

sangkakala terus-menerus ditiup. ¹⁴ Pada hari kedua mereka mengelilingi kota itu sekali lalu kembali ke perkhemahan. Hal yang demikian itu dilakukan mereka selama enam hari.

¹⁵ Pada hari ketujuh mereka bangun pagi-pagi pada waktu fajar menyingsing, lalu mengelilingi kota itu tujuh kali dengan cara yang sama. Hanya pada hari itu sahaja mereka mengelilingi kota itu tujuh kali. ¹⁶ Pada kali ketujuh, ketika para imam meniup sangkakala, berkatalah Yosua kepada orang Israel, “Bersoraklah kerana Tuhan telah menyerahkan kota itu kepadamu! ¹⁷ Hendaklah kota itu dan segala isinya dikhususkan bagi Tuhan untuk ditumpaskan. Hanya Rahab, pelacur itu, yang boleh tetap hidup berserta semua orang yang ada bersama-samanya dalam rumah itu, kerana dia telah menyembunyikan para utusan yang kita utus. ¹⁸ Tetapi kamu, jagalah dirimu daripada barang-barang yang telah dikhususkan untuk dimusnahkan. Setelah kamu mengkhususkannya, jangan sampai kamu mengambil sesuatu pun daripada barang-barang itu sehingga kamu mendatangkan kebinasaan ke atas perkhemahan Israel serta menimbulkan kemalangan. ¹⁹ Semua perak dan emas serta segala wadah daripada gangsa dan besi adalah suci bagi Tuhan. Hendaklah semua itu dimasukkan ke dalam perbendaharaan Tuhan.”

²⁰ Maka bersoraklah umat itu manakala para imam meniup sangkakala. Sebaik sahaja mendengar bunyi sangkakala itu orang Israel pun bersorak dengan sorak yang nyaring, lantas runtuhlah tembok itu di tempatnya. Lalu umat itu memanjat masuk ke dalam kota dengan setiap orang menuju ke tempat di depan masing-masing. Mereka pun menawan kota itu. ²¹ Semua yang ada di dalam kota itu, baik lelaki mahupun perempuan, baik tua mahupun muda, termasuklah lembu, domba, dan keldai, ditumpaskan mereka dengan mata pedang.

²² Kepada kedua-dua orang yang telah mengintip keadaan negeri itu Yosua berkata, "Pergilah ke rumah pelacur itu dan dari sana bawalah perempuan itu keluar berserta semua orang yang ada bersama-samanya, seperti yang telah kamu janjikan dengan bersumpah kepadanya." ²³ Maka masuklah dua orang pengintip muda itu lalu membawa keluar Rahab, ayahnya, ibunya, saudara-saudara lelakinya, dan semua orang yang ada bersama-samanya. Mereka membawa keluar seluruh kaumnya dan menempatkan mereka di luar perkhemahan Israel. ²⁴ Mereka membakar habis kota itu dan segala isinya. Hanya, perak dan emas serta

perkakas-perkakas daripada tembaga dan besi mereka simpan di dalam perbendaharaan Bait Tuhan. ²⁵ Rahab, pelacur itu, dengan kaum keluarganya dan semua orang yang ada bersama-samanya dibiarkan hidup oleh Yosua. Dia tinggal dalam kalangan orang Israel sampai hari ini, kerana dia telah menyembunyikan para utusan yang diutus Yosua untuk mengintip Yerikho.

²⁶ Pada waktu itu Yosua mengisytiharkan sumpahannya, katanya,

“Terkutuklah di hadapan Tuhan orang yang bangun untuk membina semula Kota Yerikho ini.

Dengan nyawa anaknya yang sulung dia akan meletakkan asasnya, dan dengan nyawa anaknya yang bongsu dia akan mendirikan pintu gerbangnya.”

²⁷ Demikianlah Tuhan menyertai Yosua, dan kemasyhurannya tersiar di seluruh negeri itu.

Kekalahan orang Israel di Ai

7 ¹ Namun begitu, orang Israel melakukan kemungkaran dalam hal barang-barang yang dikhususkan untuk dimusnahkan. Akhan anak Karmi anak Zabdi anak Zerah daripada

suku Yehuda mengambil beberapa daripada barang-barang yang dikhususkan itu maka menyalalah murka Tuhan terhadap orang Israel.

² Yosua mengutus beberapa orang dari Yerikho ke Ai, yang terletak dekat Bet-Awen, di sebelah timur Betel. Katanya kepada mereka, “Pergilah dan intiplah keadaan negeri itu.” Maka pergilah mereka itu mengintip Ai. ³ Setelah kembali kepada Yosua, mereka berkata kepadanya, “Tidak perlu bagi seluruh umat pergi ke sana, biarlah sekadar kira-kira dua atau tiga ribu orang sahaja yang pergi menyerang Ai. Usah menyusahkan seluruh umat berjalan ke sana, kerana penduduk di situ tidak ramai.” ⁴ Maka pergilah kira-kira tiga ribu orang daripada umat itu ke sana; tetapi mereka melarikan diri dari hadapan orang Ai.

⁵ Orang Ai membunuh kira-kira tiga puluh enam orang daripada kalangan mereka lalu mengejar mereka mulai depan pintu gerbang sampai ke Syebarim, dan berjaya menumpaskan mereka di lereng. Lalu tersangat tawarlah hati umat itu.

⁶ Yosua mengoyakkan pakaiannya dan sujud di hadapan tabut Tuhan sampai petang bersama dengan para tua-tua Israel. Mereka menghamburkan debu ke atas kepala mereka.

⁷ Kata Yosua, “Aduh, ya Tuhan Allah, mengapakah Engkau membawa bangsa ini menyeberangi Sungai Yordan? Untuk menyerahkan kami ke

dalam tangan bani Amori supaya kami binasa? Kalau sahaja kami puas dan tetap tinggal di seberang Sungai Yordan! ⁸ Ya Tuhan, apakah yang harus kukatakan setelah umat Israel berbalik membelakangi musuh mereka? ⁹ Bani Kanaan dan seluruh penduduk negeri ini tentu akan mendengar hal itu, dan mereka akan mengepung kami serta melenyapkan nama kami daripada muka bumi. Lalu apakah yang akan Kaulakukan demi nama-Mu yang besar itu?”

¹⁰ Firman Tuhan kepada Yosua, “Bangun! Mengapakah engkau sujud menyembahkan muka sedemikian?” ¹¹ Orang Israel telah berdosa. Mereka melanggar perjanjian-Ku yang Kuperintahkan kepada mereka. Mereka mengambil beberapa barang yang dikhususkan itu. Mereka mencuri, berdusta, dan menaruh semua itu antara barang-barang milik mereka. ¹² Itulah sebabnya orang Israel tidak dapat bertahan di hadapan musuh mereka. Ternyata mereka berundur di hadapan musuh mereka, kerana mereka sendiri telah dikhususkan untuk ditumpas. Aku tidak akan menyertai kamu lagi, kecuali jika kamu memusnahkan barang-barang yang ditakdiskan dalam kalanganmu. ¹³ Bangunlah, sucikan bangsa itu, dan katakan, ‘Sucikanlah dirimu esok, kerana beginilah firman Tuhan, Allah Israel, “Ada barang-barang

yang dikhususkan di tengah-tengah kamu, wahai orang Israel. Kamu tidak akan dapat bertahan di hadapan musuhmu sebelum kamu menyingkirkan barang-barang yang dikhususkan itu daripada antara kamu.”¹⁴ Esok pagi kamu akan dibawa menghadap menurut suku-sukumu. Suku yang dipilih Tuhan harus datang menghadap menurut kaum-kaumnya. Kaum yang dipilih Tuhan harus datang menghadap menurut keluarga-keluarganya. Lalu keluarga yang dipilih Tuhan harus datang menghadap, seorang demi seorang.¹⁵ Nanti, orang yang didapati mengambil barang yang dikhususkan itu harus dibakar habis berserta segala yang ada padanya, kerana dia telah melanggar perjanjian Tuhan dan telah melakukan perkara yang keji di Israel.’ ”

¹⁶ Keesokan harinya, Yosua bangun pagi-pagi dan membawa orang Israel menghadap menurut suku-suku mereka, lalu terpilihlah suku Yehuda.¹⁷ Dibawanya kaum-kaum Yehuda menghadap, lalu terpilihlah kaum Zerah. Daripada kaum Zerah dibawanya seorang demi seorang menghadap, lalu terpilihlah Zabdi.¹⁸ Lalu seorang demi seorang daripada keluarga Zabdi dibawanya menghadap, dan terpilihlah Akhan anak Karmi anak Zabdi anak Zerah daripada suku Yehuda.¹⁹ Kata Yosua kepada Akhan, “Anakku, muliakanlah Tuhan, Allah Israel, dan akuilah

kesalahanmu kepada-Nya. Beritahukanlah kepadaku apa yang telah kaulakukan. Jangan sembunyikan hal itu daripadaku.”

²⁰ Jawab Akhan kepada Yosua, “Memang benar, aku telah berdosa terhadap Tuhan, Allah Israel. Inilah yang kulakukan: ²¹ Ketika aku melihat sehelai jubah indah buatan Sinear, dua ratus syikal perak, dan sebatang emas seberat lima puluh syikal, antara barang-barang jarahan itu, aku menginginkannya, lalu kuambil. Semua itu kusembunyikan di dalam tanah di tengah-tengah khemahku, dengan perak di bawahnya.”

²² Yosua menyuruh beberapa orang suruhan, lalu mereka berlari ke khemah itu. Memang semua itu disembunyikan di dalam khemahnya, dengan perak di bawahnya. ²³ Mereka mengambil semua itu dari tengah-tengah khemah, membawanya kepada Yosua dan kepada seluruh orang Israel, lalu meletakkannya di hadapan Tuhan. ²⁴ Kemudian Yosua dan semua orang Israel mengambil Akhan anak Zerah dan perak, jubah, dan emas sebatang itu, juga anak-anaknya baik lelaki mahupun perempuan, kawanan dombanya, lembunya, keldainya, juga khemahnya serta segala miliknya. Semuanya dibawa mereka ke Lembah Akhor. ²⁵ Kata Yosua, “Mengapakah engkau mendatangkan kesusahan kepada kami? Tuhan pun akan mendatangkan

kesusahan kepadamu pada hari ini.” Lalu semua orang Israel merejamnya. Semuanya dibakar mereka habis dengan api dan dilempar mereka dengan batu. ²⁶ Setelah itu di atasnya didirikan mereka satu timbunan batu yang besar, yang masih ada sampai hari ini. Maka surutlah murka Tuhan yang menyala-nyala. Oleh sebab itu tempat itu dinamai Lembah Akhor sampai hari ini.

Ai dibinasakan

8 ¹ Tuhan berfirman kepada Yosua, “Jangan takut dan jangan kecut hati. Bawalah seluruh pasukan perang bersama-sama kamu dan segeralah maju ke Ai. Ketahuilah, Aku telah menyerahkan raja Ai, rakyatnya, kotanya, dan negerinya ke dalam tanganmu. ² Perlakukanlah Ai dan rajanya seperti engkau memperlakukan Yerikho dan rajanya. Hanya, jarahan dan ternaknya boleh kamu rampas untukmu. Tempatkanlah orang untuk siap menyerang hendap kota itu dari belakang.”

³ Maka Yosua dan seluruh pasukan perang segera maju ke Ai. Yosua memilih tiga puluh ribu orang kesateria yang gagah perkasa dan melepaskan mereka pergi pada malam hari. ⁴ Dia memberikan perintah kepada mereka demikian, “Ingat, kamu harus siap untuk menyerang hendap

kota itu dari belakangnya. Jangan terlalu jauh dari kota itu, dan bersiap sedialah kamu semua. ⁵ Aku dan seluruh pasukan yang menyertaku akan mendekati kota itu. Nanti, apabila mereka keluar menghadapi kami seperti sebelumnya, kami akan melarikan diri dari hadapan mereka. ⁶ Mereka akan maju mengejar kami dan dengan demikian kami memancing mereka menjauhi kota itu. Mereka akan berfikir, 'Orang ini semua melarikan diri dari hadapan kita seperti sebelumnya.' Ketika kami melarikan diri dari hadapan mereka itu, ⁷ bangkitlah dari tempat penantianmu untuk menyerang hendap, kemudian dudukilah kota itu. Tuhan, Allahmu, akan menyerahkannya ke dalam tanganmu. ⁸ Setelah kamu menawan kota itu, bakarlah habis kota itu. Perbuatlah demikian, selaras dengan firman Tuhan. Ingat, aku telah memerintahkannya kepadamu." ⁹ Kemudian Yosua melepaskan mereka pergi menuju tempat mereka bersiap menyerang hendap, dan tinggal di antara Betel dengan Ai, di sebelah barat Ai. Yosua bermalam di tengah-tengah orang Israel pada malam itu.

¹⁰ Keesokan harinya, Yosua bangun pagi-pagi dan memeriksa pasukan. Setelah itu, dia dan para tua-tua Israel maju memimpin pasukan menuju Ai. ¹¹ Seluruh pasukan perang yang menyertainya berjalan maju dan tiba di

depan kota itu. Mereka berkhemah di sebelah utara Ai. Ada sebuah lembah antara mereka dengan Ai. ¹² Yosua memilih kira-kira lima ribu orang dan menempatkan mereka untuk siap menyerang hendap di antara Betel dengan Ai, di sebelah barat kota itu. ¹³ Beginilah pasukan itu ditempatkan: seluruh pasukan di sebelah utara kota, dan barisan belakang di sebelah barat kota. Pada malam itu bergeraklah Yosua ke tengah-tengah lembah. ¹⁴ Ketika raja Ai melihat hal itu, dia dan seluruh pasukannya, orang kota itu, segera bersiap. Mereka keluar menghadapi orang Israel untuk berperang pada waktu yang telah ditentukan di depan dataran itu. Tetapi raja itu tidak tahu bahwa ada orang yang siap menyerang hendap dia di belakang kota. ¹⁵ Yosua dan semua orang Israel berbuat seolah-olah mereka dikalahkan di hadapan orang itu. Mereka melarikan diri ke arah gurun. ¹⁶ Maka semua orang yang ada di dalam kota Ai itu dikerahkan untuk mengejar mereka. Semakin mereka mengejar Yosua, semakin mereka terpancing jauh dari kota. ¹⁷ Tidak ada seorang pun yang ada di Ai atau di Betel, yang tidak ikut keluar mengejar orang Israel. Mereka meninggalkan kota itu terbuka, dan mengejar orang Israel.

¹⁸ Kemudian berfirmanlah Tuhan kepada Yosua, "Hulurkanlah lembing yang ada di tanganmu itu

ke arah Ai, kerana Aku akan menyerahkannya ke dalam tanganmu.” Maka Yosua menghulurkan lembing yang ada di tangannya ke arah kota itu. ¹⁹ Sebaik sahaja dia menghulurkan tangannya, pasukan penyerang hendap yang sudah bersedia segera bangkit dari tempat mereka dan berlari memasuki kota. Mereka menawaninya dan segera membakar habis kota itu. ²⁰ Ketika orang Ai menoleh ke belakang, tampak asap kota itu membumbung ke langit. Mereka tidak dapat lagi melarikan diri ke sana atau ke mari, kerana pasukan yang tadinya melarikan diri ke gurun berbalik menghadapi musuh yang mengejar mereka. ²¹ Setelah Yosua dan semua orang Israel melihat bahawa para penyerang hendap telah menawan kota itu dan bahawa asap membumbung dari kota itu, berbaliklah mereka lalu menewaskan orang Ai. ²² Para penyerang hendap pun keluar dari kota itu menghadapi orang Ai, sehingga tersepitlah orang Ai di tengah-tengah orang Israel, sebahagian di sebelah sini, sebahagian di sebelah sana. Maka tewaslah orang Ai sehingga tidak ada sesiapa yang tertinggal. ²³ Raja Ai ditangkap mereka hidup-hidup lalu dibawa mereka menghadap Yosua.

²⁴ Setelah orang Israel selesai menumpaskan seluruh penduduk Ai di gurun, tempat mereka

mengejar orang itu, dan semuanya habis, tewas oleh mata pedang, kembalilah semua orang Israel ke Ai dan menumpaskan penduduknya dengan mata pedang. ²⁵ Jumlah orang yang tewas pada hari itu, baik lelaki mahupun perempuan, ialah dua belas ribu orang, kesemuanya orang Ai. ²⁶ Yosua tidak menarik kembali tangannya yang menghulurkan lembing itu sebelum dia menumpaskan seluruh penduduk Ai. ²⁷ Hanya ternakan dan jarahan dari kota itu yang dirampas orang Israel, selaras dengan firman yang diperintahkan Tuhan kepada Yosua. ²⁸ Yosua membakar Ai dan menjadikannya timbunan puing untuk selama-lamanya, sebuah tempat yang sunyi sepi sampai hari ini. ²⁹ Raja Ai digantungnya pada sebatang pokok sampai petang. Setelah matahari terbenam, Yosua memerintahkan orang untuk menurunkan mayat raja itu daripada pokok dan mencampakkannya di depan pintu gerbang kota itu. Lalu di atasnya didirikan sebuah timbunan batu yang besar, yang masih ada sampai hari ini.

Mazbah di Gunung Ebal

³⁰ Kemudian Yosua membina di Gunung Ebal sebuah mazbah bagi Tuhan, Allah Israel,

³¹ seperti yang diperintahkan Musa, hamba Tuhan itu, kepada orang Israel. Hal itu selaras dengan apa yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa, “Sebuah mazbah daripada batu-batu yang belum dipahat, yang belum pernah dikenakan perkakas besi.” Di atasnya mereka mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan dan mengorbankan korban kedamaian. ³² Di sana, pada batu-batu itu, Yosua menuliskan salinan hukum Taurat, yang dahulu ditulis oleh Musa di hadapan orang Israel. ³³ Semua orang Israel, baik pendatang mahupun warga asli, bersama tua-tua mereka, para pegawai pasukan mereka, dan para hakim mereka berdiri di sebelah kiri dan kanan tabut itu, di hadapan para imam Lewi yang mengusung tabut perjanjian Tuhan. Seseengah daripada mereka menghadap Gunung Gerizim dan seseengah lagi menghadap Gunung Ebal, sebagaimana yang diperintahkan sebelumnya oleh Musa, hamba Tuhan itu, untuk memberkati orang Israel. ³⁴ Setelah itu, dibacanya seluruh perkataan hukum Taurat itu, berkatnya dan kutukannya, selaras dengan semua yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat. ³⁵ Daripada segala yang diperintahkan Musa, tidak ada sepetah kata pun

yang tidak dibaca Yosua di hadapan seluruh jemaah Israel termasuk kaum perempuan, anak-anak, dan para pendatang yang hidup antara mereka.

Penipuan orang Gibeon

9¹ Apabila berita itu sampai kepada semua raja yang tinggal di sebelah tebing barat Sungai Yordan – di pergunungan, di dataran rendah, dan di sepanjang pesisir Laut Besar sampai ke seberang Lebanon – iaitu raja bani Het, bani Amori, bani Kanaan, bani Feris, bani Hewi, dan bani Yebus,² bergabunglah mereka serentak dan bersatu hati untuk berperang melawan Yosua serta orang Israel.

³ Akan tetapi, apabila penduduk Gibeon mendengar apa yang dilakukan Yosua terhadap Yerikho dan Ai,⁴ mereka pun bermuslihat menggunakan tipu helah. Mereka berpura-pura menjadi orang utusan yang membawa sekawanan keldai yang dimuatkan dengan karung usang serta kantung kulit bekas simpanan air anggur yang koyak dan bertampal-tampal.

⁵ Kaki mereka bersarungkan kasut buruk yang juga bertampal-tampal, dan pakaian mereka juga lusuh. Segala bekalan roti mereka pun kering lagi keras.⁶ Lalu pergilah mereka menemui Yosua di perkhemahan di Gilgal. Kata mereka kepadanya

dan kepada orang Israel, “Kami datang dari negeri yang jauh. Sekarang, ikatlah perjanjian dengan kami.”

⁷ Tetapi orang Israel berkata kepada orang Hewi itu, “Jangan-jangan kamu tinggal dekat kami. Bagaimanakah kami dapat mengikat perjanjian dengan kamu?”

⁸ Kata mereka kepada Yosua, “Kami ini hamba-hambamu.”

Tanya Yosua kepada mereka, “Siapakah kamu ini dan dari manakah kamu datang?”

⁹ Jawab mereka kepadanya, “Hamba-hambamu ini datang dari negeri yang amat jauh atas sebab nama Tuhan, Allahmu. Kami telah mendengar kemasyhuran-Nya, semua yang dilakukan-Nya di Mesir ¹⁰ dan semua yang dilakukan-Nya terhadap kedua-dua raja bani Amori di seberang Sungai Yordan, iaitu Sihon, raja Hesbon, serta Og, raja Basan, yang tinggal di Astarot. ¹¹ Oleh sebab itu para tua-tua kami dan seluruh penduduk negeri kami berkata kepada kami, ‘Ambillah bekal untuk perjalanan dan pergilah menemui mereka. Katakanlah kepada mereka, “Kami ini hamba-hambamu. Sekarang, ikatlah perjanjian dengan kami.”’ ¹² Roti kami ini masih panas ketika kami ambil sebagai bekal dari rumah

pada hari kami bertolak untuk menemui tuan. Sekarang, lihatlah, sudah kering dan lapuk. ¹³ Kantung-kantung kulit bekas simpanan air anggur ini pun masih baru ketika kami isikan. Lihatlah, sekarang sudah koyak-koyak. Pakaian dan kasut kami ini menjadi lusuh akibat perjalanan yang amat jauh.”

¹⁴ Maka orang Israel mengambil bekal orang itu, tetapi mereka tidak menanyakan petunjuk Tuhan. ¹⁵ Kemudian Yosua berdamai dengan mereka itu dan mengikat perjanjian dengan mereka untuk membiarkan mereka hidup. Para pemimpin umat pun bersumpah kepada mereka.

¹⁶ Selang tiga hari setelah mengikat perjanjian dengan kumpulan orang itu, mereka mendapat tahu bahawa orang itu jiran mereka dan tinggal berdekatan dengan mereka. ¹⁷ Orang Israel pun berangkat, lalu pada hari ketiga mereka sampai di kota-kota kumpulan orang itu, iaitu Gibeon, Kefira, Beerot, dan Kiryat-Yearim. ¹⁸ Orang Israel tidak menyerang orang itu kerana para pemimpin umat telah bersumpah kepada orang itu demi Tuhan, Allah Israel. Maka bersungut-sungutlah seluruh umat itu terhadap para pemimpin mereka. ¹⁹ Kata para pemimpin kepada seluruh umat, “Kami telah bersumpah kepada orang itu demi Tuhan, Allah Israel, dan sekarang kita tidak dapat mengusik mereka. ²⁰ Inilah yang akan kita

lakukan terhadap mereka: kita akan membiarkan mereka hidup supaya jangan kita ditimpa murka kerana sumpah yang telah kita ucapkan terhadap mereka.”²¹ Kata para pemimpin kepada mereka, “Biarkan mereka hidup.” Maka orang itu dijadikan pembelah kayu dan penimba air bagi seluruh umat, seperti yang ditentukan para pemimpin mengenai mereka.

²² Yosua memanggil semua orang itu dan berkata kepada mereka, “Mengapa kamu memperdaya kami dengan berkata, ‘Kami ini tinggal amat jauh daripada kamu,’ padahal kamu tinggal dekat dengan kami?”²³ Sekarang, terkutuklah kamu! Orangmu tidak akan putus-putusnya menjadi hamba, pembelah kayu, dan penimba air bagi rumah^z Allahku.”

²⁴ Jawab mereka kepada Yosua, “Kerana para hambamu ini telah diberitahukan dengan sungguh-sungguh bahawa Tuhan, Allahmu, telah memerintahkan Musa, hamba-Nya, untuk memberikan kepadamu seluruh negeri ini dan untuk memusnahkan seluruh penduduk negeri ini dari hadapanmu. Kami sangat takut kehilangan nyawa kami kerana kamu, sehingga kami melakukan hal ini.”²⁵ Sekarang, sesungguhnya kami ini ada dalam kekuasaan

^z9:23 Atau: Bait.

tuan. Perlakukanlah kami sebagaimana tuan pandang baik dan benar.”²⁶ Demikianlah dia memperlakukan mereka dan melepaskan mereka daripada tangan orang Israel, sehingga mereka tidak dibunuh.²⁷ Pada hari itu Yosua menjadikan mereka pembelah kayu serta penimba air bagi umat dan bagi mazbah Tuhan di tempat yang akan dipilih-Nya, dan hal itu berterusan sampai hari ini.

Israel menewaskan perikatan bani Amori

10¹ Apabila terdengar oleh Adoni-Zedek, raja Yerusalem bagaimana Yosua menawan Ai dan menumpasnya lalu memperlakukan Ai dan rajanya sebagaimana diperlakukan ke atas Yerikho dan rajanya, dan betapa penduduk Gibeon telah mengadakan perjanjian damai dengan Israel dan tinggal dalam kalangan mereka,² maka sangat ketakutanlah mereka, memandangkan Gibeon sebuah kota raya besar, seperti salah sebuah kota raya diraja. Apatah lagi, kota itu lebih besar daripada Ai dan semua orangnya pahlawan belaka.³ Maka Adoni-Zedek, raja Yerusalem, mengutus orang kepada Hoham, raja Hebron, kepada Piream, raja Yarmut, kepada Yafia, raja Lakhis, dan kepada Debir, raja Eglon, dengan pesan,⁴ “Datanglah ke mari dan bantulah aku. Mari kita serang Gibeon

yang telah mengadakan perjanjian damai dengan Yosua dan orang Israel.”⁵ Lalu berkumpullah kelima-lima orang raja Amori itu, iaitu raja Yerusalem, raja Hebron, raja Yarmut, raja Lakhis, dan raja Eglon, dan bala tentera mereka juga berkumpul dan bergerak maju bersama-sama. Mereka berkhemah mengepung Gibeon dan berperang melawannya.

⁶ Maka rakyat Gibeon mengutus orang kepada Yosua, ke perkhemahannya di Gilgal, dengan pesan, “Janganlah tuan biarkan hamba-hambamu ini. Datanglah dengan segera. Selamatkanlah kami dan bantulah kami, kerana semua raja bani Amori yang tinggal di pergunungan kini bergabung untuk menyerang kami.”

⁷ Maka majulah Yosua dari Gilgal bersama-sama seluruh pasukan perang, termasuk para pahlawannya yang gagah perkasa.⁸ Tuhan berfirman kepada Yosua, “Jangan takut kepada mereka, kerana Aku telah menyerahkan mereka ke dalam tanganmu. Tiada seorang pun daripada mereka yang mampu bertahan di hadapanmu.”⁹ Setelah bergerak maju dari Gilgal semalam-malaman, Yosua mendatangi mereka secara tiba-tiba.¹⁰ Tuhan menyebabkan bani Amori berasa amat cemas di hadapan orang Israel sehingga mereka ditumpaskan dengan kekalahan yang sebegitu besar di Gibeon.

Orang Israel mengejar mereka ke arah genting Bet-Horon dan menumpurkan mereka sampai ke Azeka dan Makeda. ¹¹ Sewaktu bani Amori itu melarikan diri dari hadapan orang Israel di lereng Bet-Horon, Tuhan menghujani mereka dengan batu-batu besar dari langit sampai ke Azeka, sehingga mereka mati. Lebih ramai orang yang mati kerana hujan batu itu daripada yang ditewaskan orang Israel dengan pedang.

¹² Pada hari Tuhan menyerahkan bani Amori itu kepada orang Israel, berdoalah Yosua kepada Tuhan, lalu di hadapan mata orang Israel dia berkata,

“Wahai matahari, berhentilah engkau di atas
Gibeon
dan engkau, wahai bulan, di atas Lembah
Ayalon!”

¹³ Maka matahari pun berhenti dan bulan pun tertahan sampai bangsa itu menuntut balas terhadap musuh-musuh mereka. Bukankah hal itu tertulis dalam Kitab Yasar? Sehari suntuk matahari tertahan di tengah-tengah langit dan tidak cepat-cepat terbenam. ¹⁴ Belum pernah ada hari seperti itu sebelum ataupun sesudahnya, bahawa Tuhan mendengar permohonan seorang

manusia sedemikian, kerana Tuhan berperang demi orang Israel.

¹⁵ Kemudian kembalilah Yosua berserta semua orang Israel ke perkhemahan di Gilgal.

Lima raja bani Amori dibunuh

¹⁶ Kelima-lima orang raja itu melarikan diri dan bersembunyi dalam gua di Makeda. ¹⁷ Lalu kepada Yosua dikhabarkan demikian, “Kelima-lima orang raja itu telah ditemukan bersembunyi dalam sebuah gua di Makeda.” ¹⁸ Kata Yosua, “Gulingkanlah batu-batu besar ke mulut gua itu dan tempatkanlah beberapa orang di sana untuk berkawal. ¹⁹ Tetapi kamu, jangan berhenti. Kejarlah musuh-musuhmu dan hapuskanlah barisan belakang mereka. Jangan biarkan mereka masuk ke dalam kota-kota mereka, kerana Tuhan, Allahmu, telah menyerahkan mereka ke dalam tanganmu.” ²⁰ Yosua dan orang Israel hampir-hampir selesai memusnahkan bani Amori itu sama sekali namun ada beberapa orang daripada mereka yang dapat menyelamatkan diri mereka lalu masuk ke kota-kota berkubu, ²¹ Setelah itu, barulah seluruh umat itu kembali dengan selamat kepada Yosua di perkhemahan di Makeda dan tiada sesiapa pun lagi yang berani mengancam orang Israel.

²² Kemudian Yosua berkata, “Bukalah mulut gua itu dan bawalah kelima-lima orang raja itu kepadaku dari dalam gua.” ²³ Mereka pun berbuat demikian dan membawa kepadanya lima orang itu dari dalam gua, iaitu raja Yerusalem, raja Hebron, raja Yarmut, raja Lakhis, dan raja Eglon. ²⁴ Setelah raja-raja itu dibawa kepada Yosua, Yosua memanggil semua orang Israel dan berkata kepada para ketua pejuang yang pergi bersama-samanya, “Ke marilah, pijaklah kakimu di atas batang leher raja-raja ini.” Mereka pun datang dan memijak batang leher raja-raja itu. ²⁵ Kata Yosua kepada mereka, “Jangan gentar dan jangan kecut hati. Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu, kerana demikianlah Tuhan akan memperlakukan semua musuhmu yang akan kamu perangi.” ²⁶ Setelah itu, Yosua membunuh kelima-limanya lantas menggantung mereka pada lima batang pokok dan mereka tergantung pada pokok-pokok itu sehingga petang. ²⁷ Pada waktu matahari terbenam, atas perintah Yosua, jenazah mereka diturunkan dari atas pokok-pokok itu lalu dicampakkan ke dalam gua tempat mereka bersembunyi. Setelah itu di mulut gua diletakkan batu-batu besar, yang masih ada sampai hari ini juga.

Yosua menawan bahagian selatan Kanaan

²⁸ Pada hari itu Yosua menawan Makeda dan menumpaskan penduduk kota itu dan juga rajanya dengan mata pedang. Dia memusnahkan kota itu dan setiap jiwa yang ada di dalamnya. Tiada seorang pun ditinggalkannya hidup. Raja Makeda diperlakukannya sebagaimana dia memperlakukan raja Yerikho.

²⁹ Yosua berserta semua orang Israel berjalan terus dari Makeda ke Libna, lalu berperang melawan Libna. ³⁰ Kota itu juga berserta rajanya diserahkan Tuhan ke dalam tangan orang Israel. Yosua memusnahkan penduduknya dan setiap jiwa yang ada di dalamnya dengan mata pedang. Tiada seorang pun ditinggalkannya hidup. Dia memperlakukan rajanya seperti dia memperlakukan raja Yerikho.

³¹ Kemudian Yosua berjalan terus bersama-sama semua orang Israel dari Libna ke Lakhis, lalu berkhemah mengepung kota itu dan memerangnya. ³² Tuhan menyerahkan Lakhis ke dalam tangan orang Israel, dan Yosua menawan kota itu pada hari kedua. Dia memusnahkan penduduknya dan setiap jiwa yang ada di dalamnya dengan mata pedang, seperti semua yang dilakukannya terhadap Libna. ³³ Pada waktu itu Horam, raja Gezer, maju untuk membantu

Lakhis, tetapi Yosua mengalahkannya serta rakyatnya, tiada seorang pun dibiarkannya hidup.

³⁴ Yosua berjalan terus berserta semua orang Israel dari Lakhis ke Eglon, lalu berkhemah mengepung kota itu dan berperang melawannya.

³⁵ Mereka menawan kota itu pada hari itu juga dan menumpaskan penduduknya dengan mata pedang. Setiap jiwa yang ada di dalamnya ditumpasnya pada hari itu, seperti semua yang dilakukannya terhadap Lakhis.

³⁶ Kemudian Yosua bergerak maju berserta semua orang Israel dari Eglon ke Hebron, lalu berperang melawannya. ³⁷ Mereka menawan negeri itu dan menumpaskan penduduknya, rajanya, segala kotanya, dan setiap jiwa yang ada di dalamnya dengan mata pedang. Tiada seorang pun dibiarkannya hidup, seperti semua yang dilakukannya terhadap Eglon, ketika dia menumpaskan kota itu dan setiap jiwa yang ada di dalamnya.

³⁸ Kemudian Yosua berserta semua orang Israel berbalik ke Debir dan berperang melawannya.

³⁹ Dia menawan negeri itu berserta rajanya dan segala kotanya. Semuanya ditumpaskannya dengan mata pedang begitu jugalah setiap jiwa yang ada di dalamnya. Tiada seorang pun dibiarkannya hidup. Seperti dia memperlakukan

Hebron, juga Libna dan rajanya, demikianlah dia memperlakukan Debir dan rajanya.

⁴⁰ Demikianlah Yosua mengalahkan seluruh negeri itu: pergunungan, Tanah Negeb, dataran rendah, lereng-lereng gunung berserta semua raja mereka. Tiada seorang pun dibiarkannya hidup, melainkan ditumpasnya semua yang bernafas, seperti yang diperintahkan Tuhan, Allah Israel. ⁴¹ Yosua mengalahkan mereka dari Kadesh-Barnea sampai ke Gaza, juga seluruh Tanah Gosyen sampai ke Gibeon. ⁴² Semua raja itu berserta negeri mereka ditawan Yosua sekali gus, kerana Tuhan, Allah Israel, berperang bagi pihak orang Israel. ⁴³ Kemudian kembalilah Yosua berserta semua orang Israel ke perkhemahan di Gilgal.

Penaklukan di bahagian utara Kanaan

11 ¹ Apabila Yabin, raja Hazor, mendengar berita itu, diutusnya orang kepada Yobab, raja Madon, kepada raja Simron, kepada raja Akhsaf, ² dan kepada raja-raja di sebelah utara, iaitu di pergunungan, di Araba di sebelah selatan Kineret, di dataran rendah, dan di Dataran Tinggi Dor di sebelah barat. ³ Dia turut menghantar utusan kepada bani Kanaan di timur dan di barat, kepada bani Amori, bani Het, bani Feris, bani Yebus di pergunungan, dan kepada bani Hewi

di kaki Gunung Hermon, di Tanah Mizpa. ⁴ Para raja tersebut maju bersama-sama seluruh bala tentera masing-masing, iaitu sejumlah besar orang yang ramainya seperti pasir di tepi laut, dengan banyak sekali kuda dan rata. ⁵ Semua raja itu bersekutu lalu datang berkhemah bersama-sama dekat mata air Merom untuk berperang melawan orang Israel.

⁶ Berfirmanlah Tuhan kepada Yosua, “Jangan takut menghadapi mereka. Esok, pada waktu seperti ini, Aku akan menyerahkan mereka semua kepada orang Israel dalam keadaan tewas. Potonglah urat keting kuda-kuda mereka dan bakarlah habis segala rata mereka.” ⁷ Lalu Yosua berserta seluruh pasukan perang menyerbu mereka dengan tiba-tiba berdekatan mata air Merom dan menyerang mereka. ⁸ Tuhan pun menyerahkan mereka ke dalam tangan orang Israel. Mereka dikalahkan dan dikejar sampai ke Sidon-Besar, sampai ke Misrefot-Maim, dan sampai ke Lembah Mizpa di sebelah timur. Mereka ditewaskan, tiada seorang pun daripada mereka dibiarkan hidup. ⁹ Yosua memperlakukan mereka seperti yang difirmankan Tuhan kepadanya. Dipotongnya urat keting kuda-kuda mereka dan membakar habis segala rata mereka. ¹⁰ Ketika itu juga Yosua berpatah balik lalu menawan Hazor dan menewaskan rajanya

dengan pedang. Dahulunya Hazor mengetuai semua kerajaan itu. ¹¹ Setiap jiwa yang ada di dalamnya dibantai mereka dengan mata pedang. Mereka menumpas semua orang itu, tidak ada sesuatu pun yang bernafas ditinggalkan hidup, dan Hazor dibakarnya habis.

¹² Yosua menawan semua kota milik raja-raja itu. Semua rajanya ditumpaskan dengan mata pedang seperti yang diperintahkan Musa, hamba Tuhan itu. ¹³ Tetapi kota-kota yang terletak di atas bukit tidak dibakar oleh orang Israel, hanya Hazor sahaja yang dibakar oleh Yosua. ¹⁴ Orang Israel menjarah semua barangan di kota-kota itu berserta ternakannya, tetapi mereka memusnahkan semua manusia sama sekali dengan mata pedang. Tiada yang ditinggalkan hidup daripada semua yang bernafas. ¹⁵ Seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa, hamba-Nya itu, demikianlah yang diperintahkan Musa kepada Yosua, dan demikian pulalah yang dilakukan Yosua. Tidak ada satu hal pun daripada segala sesuatu yang diperintahkan Tuhan kepada Musa yang diabaikannya.

Ringkasan segala kemenangan orang Israel

¹⁶ Demikianlah Yosua menawan seluruh negeri itu: pergunungan, seluruh Tanah Negeb, seluruh Tanah Gosyen, dataran rendah, Araba,

pergunungan Israel dengan dataran rendahnya; ¹⁷ dari Gunung Halak, yang menanjak ke Seir, sampai ke Baal-Gad di Lembah Lebanon, di kaki Gunung Hermon. Dia menangkap semua rajanya, lalu membunuh mereka. ¹⁸ Agak lama juga Yosua memerangi semua raja itu. ¹⁹ Tidak ada satu kota pun yang mengadakan perjanjian damai dengan orang Israel selain bani Hewi yang tinggal di Gibeon. Semua kota itu ditawan mereka dalam peperangan. ²⁰ Tuhan memang berkehendak mengeraskan hati semua orang itu agar mereka datang berperang melawan orang Israel. Dengan demikian mereka ditumpaskan tanpa mendapat belas kasihan dan dimusnahkan, seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa.

²¹ Pada waktu itu juga Yosua pergi memusnahkan orang Enak dari pergunungan, yaitu dari Hebron, dari Debir, dari Anab, dari seluruh pergunungan Yehuda, dan dari seluruh pergunungan Israel. Mereka dan kota-kota mereka ditumpaskan oleh Yosua. ²² Tidak ada seorang Enak pun yang tertinggal di negeri orang Israel. Hanya di Gaza, Gat, dan Asdod masih ada yang tertinggal.

²³ Demikianlah Yosua menawan seluruh negeri itu selaras dengan semua yang difirmankan

Tuhan kepada Musa. Yosua memberikannya sebagai harta pusaka kepada orang Israel, menurut pembahagian suku mereka.

Lalu aman sentosalah negeri itu dan berhenti daripada berperang.

Raja-raja yang dikalahkan

12¹ Inilah raja-raja negeri yang dikalahkan oleh orang Israel, yang negeri mereka diduduki orang Israel di seberang Sungai Yordan ke arah matahari terbit, dari Sungai Arnon sampai ke Gunung Hermon, dan seluruh Araba ke sebelah timur: ² Sihon, raja bani Amori yang tinggal di Hesbon. Dia memerintah wilayah dari Aroer di tepi Lembah Arnon, baik wilayah di tengah lembah itu mahupun setengah wilayah Gilead, sampai ke Sungai Yabok, sempadan daerah bani Amon; ³ dan juga wilayah Araba sampai ke Danau Kineret di arah timur hingga ke Laut Araba, iaitu Laut Mati, ke arah Bet-Yesimot, lalu terus ke sebelah selatan sampai di kaki lereng Gunung Pisga.

⁴ Raja seterusnya ialah Og, raja Basan, seorang daripada saki-baki orang Refaim yang tinggal di Astarot dan di Edrei. ⁵ Dia memerintah Gunung Hermon, Salkha, seluruh Basan sampai ke

sempadan daerah bani Gesur dan bani Maakha, juga setengah daripada wilayah Gilead sampai ke sempadan daerah Sihon, raja Hesbon.

⁶ Mereka ditewaskan oleh Musa, hamba Tuhan itu, dan orang Israel. Lalu Musa, hamba Tuhan itu, memberikan daerah itu kepada suku Ruben, suku Gad, dan separuh suku Manasye untuk menjadi milik mereka.

⁷ Inilah raja-raja negeri yang dikalahkan oleh Yosua dan orang Israel di sebelah barat Sungai Yordan, iaitu dari Baal-Gad di Lembah Lebanon sampai ke Gunung Halak yang menanjak ke Seir (Yosua memberikan negeri itu kepada suku-suku Israel menjadi milik mereka menurut pembahagian mereka, ⁸ baik di pergunungan, di dataran rendah, di Araba, di lereng-lereng gunung, di gurun, mahupun di Tanah Negeb, iaitu negeri bani Het, bani Amori, bani Kanaan, bani Feris, bani Hewi, dan bani Yebus):

⁹ raja Yerikho – satu

raja Ai (di sebelah Betel) – satu

¹⁰ raja Yerusalem – satu

raja Hebron – satu

¹¹ raja Yarmut – satu

raja Lakhis – satu

- ¹² raja Eglon – satu
raja Gezer – satu
¹³ raja Debir – satu
raja Geder – satu
¹⁴ raja Horma – satu
raja Arad – satu
¹⁵ raja Libna – satu
raja Adulam – satu
¹⁶ raja Makeda – satu
raja Betel-El – satu
¹⁷ raja Tapuah – satu
raja Hefer – satu
¹⁸ raja Afek – satu
raja Lasaron – satu
¹⁹ raja Madon – satu
raja Hazor – satu
²⁰ raja Simron-Meron – satu
raja Akhsaf – satu
²¹ raja Taanakh – satu
raja Megido – satu
²² raja Kedesh – satu
raja Yokneam di Karmel – satu
²³ raja Dor di Dataran Tinggi Dor – satu
raja Goyim di Gilgal – satu
²⁴ raja Tirza – satu.

Jumlah raja itu tiga puluh satu orang semuanya.

Daerah-daerah yang belum ditawan

13 ¹ Ketika Yosua sudah tua dan telah lanjut usianya, Tuhan berfirman kepadanya, “Usia engkau sudah begitu lanjut padahal masih ada banyak lagi negeri yang belum ditawan. ² Inilah negeri yang belum ditawan: seluruh wilayah orang Filistin dan seluruh negeri bani Gesur, ³ mulai Sungai Sikhor di sebelah timur Mesir sampai ke sempadan Ekron di sebelah utara – semua itu termasuk negeri bani Kanaan yang dimiliki oleh lima orang raja orang Filistin, iaitu di Gaza, Asdod, Askelon, Gat, dan Ekron – serta negeri bani Awi ⁴ di sebelah selatan; seluruh negeri bani Kanaan dan Meara, milik orang Sidon, sampai ke Afek, ke sempadan daerah bani Amori; ⁵ negeri orang Gebal dan seluruh Lebanon di arah matahari terbit, dari Baal-Gad di kaki Gunung Hermon sampai ke jalan masuk Hamat; ⁶ serta seluruh penduduk pergunungan dari Lebanon sampai ke Misrefot-Maim, iaitu semua orang Sidon. Aku sendirilah yang akan mengusir mereka dari hadapan orang Israel. Hanya bahagi-bahagikanlah negeri itu dahulu sebagai harta pusaka orang Israel, seperti yang Kuperintahkan kepadamu. ⁷ Sekarang,

bahagi-bahagikanlah negeri ini sebagai harta pusaka bagi sembilan suku dan separuh suku Manasye itu.”

Pembahagian tanah pusaka di sebelah timur Sungai Yordan

⁸ Separa suku Manasye yang lagi satu serta suku Ruben dan suku Gad telah menerima harta pusaka yang diberikan Musa kepada mereka di sebelah timur Sungai Yordan, sebagaimana ditentukan bagi mereka oleh Musa, hamba Tuhan itu. ⁹ Wilayah mereka itu dari Aroer di tepi Lembah Arnon, baik kota di tengah lembah itu mahupun seluruh Dataran Tinggi Medeba, sampai ke Dibon; ¹⁰ semua kota Sihon, raja bani Amori yang bertakhta di Hesbon, sampai ke sempadan daerah bani Amon; ¹¹ Gilead serta daerah bani Gesur dan bani Maakha, seluruh Gunung Hermon dan seluruh Basan sampai ke Salkha; ¹² serta seluruh kerajaan Og di Basan, yang bertakhta di Astarot dan di Edrei. Dialah antara saki-baki bani Refaim yang telah dikalahkan dan diusir oleh Musa. ¹³ Tetapi orang Israel tidak mengusir bani Gesur dan bani Maakha, sehingga bani Gesur dan bani Maakha masih tinggal antara orang Israel sampai hari ini.

¹⁴ Hanya, Musa tidak memberikan harta pusaka kepada suku Lewi, kerana harta pusaka mereka ialah segala korban bakaran sebagai persembahan kepada Tuhan, Allah Israel, seperti yang difirmankan-Nya kepada mereka.

¹⁵ Kepada suku bani Ruben, Musa telah memberikan bahagian menurut kaum-kaum mereka: ¹⁶ Wilayah milik mereka bermula dari Aroer di tepi Lembah Arnon dan kota yang di tengah-tengah lembah itu serta seluruh dataran tinggi dekat Medeba; ¹⁷ Hesbon dan semua kotanya di dataran tinggi, iaitu Dibon, Bamot-Baal, Bet-Baal-Meon, ¹⁸ Yahas, Kedemot, Mefaat, ¹⁹ Kiryataim, Sibma, Zeret-Hasahar di atas gunung di lembah itu, ²⁰ Bet-Peor, lereng-lereng Gunung Pisga, Bet-Yesimot, ²¹ semua kota di dataran dan seluruh kerajaan Sihon, raja bani Amori yang bertakhta di Hesbon. Dia dikalahkan oleh Musa, sekali gus dengan para pemimpin Midian, iaitu Ewi, Rekem, Zur, Hur, dan Reba – para raja bawahan Sihon yang tinggal di negeri itu. ²² Bileam anak Beor, si penenung, juga dibunuh oleh orang Israel dengan mata pedang, bersama-sama semua orang lain yang ditumpaskan mereka. ²³ Jadi, sempadan daerah bani Ruben ialah Sungai Yordan. Itulah harta

pusaka bani Ruben menurut kaum-kaum mereka dengan kota-kota dan desa-desa mereka.

²⁴ Kepada suku Gad, iaitu bani Gad, Musa memberikan bahagian mereka menurut kaum-kaum mereka: ²⁵ Wilayah milik mereka ialah Yaezer dan semua kota di Gilead serta setengah negeri bani Amon sampai ke Aroer di sebelah timur Raba; ²⁶ lalu dari Hesbon sampai ke Ramat-Mizpa dan Betonim, dari Mahanaim sampai ke daerah Debir; ²⁷ daerah di lembah meliputi Bet-Haram, Bet-Nimra, Sukot, dan Zafon, saki-baki kerajaan Sihon, raja Hesbon; serta Sungai Yordan dan daerah tepinya sampai ke hujung Danau Kineret di sebelah timur Sungai Yordan. ²⁸ Itulah harta pusaka bani Gad menurut kaum-kaum mereka dengan kota-kota dan desa-desa mereka.

²⁹ Musa juga memberikan bahagian kepada separa suku Manasye, iaitu setengah suku bani Manasye menurut kaum-kaum mereka. ³⁰ Wilayah milik mereka bermula dari Mahanaim, seluruh Basan, iaitu seluruh kerajaan Og, raja Basan, dan semua kota Yair di Basan, enam puluh kota banyaknya. ³¹ Setengah wilayah Gilead bersama Astarot dan Edrei, kota-kota kerajaan Og di Basan, menjadi bahagian bani Makhir anak Manasye, iaitu separuh daripada bani Makhir menurut kaum-kaum mereka.

³² Itulah pembahagian daerah-daerah harta pusaka oleh Musa di Dataran Moab, iaitu di seberang Sungai Yordan, di sebelah timur Yerikho. ³³ Tetapi kepada suku Lewi, Musa tidak memberikan harta pusaka. Harta pusaka mereka ialah Tuhan, Allah Israel, seperti yang difirmankan-Nya kepada mereka.

Pembahagian tanah pusaka di sebelah barat Sungai Yordan

14 ¹ Inilah harta pusaka yang diterima oleh orang Israel di Tanah Kanaan. Harta pusaka itu dibahagikan kepada mereka oleh Imam Eleazar, Yosua anak Nun, dan ketua kaum keluarga suku-suku orang Israel. ² Pembahagian harta pusaka itu dibuat dengan mencabut undi, seperti yang diperintahkan Tuhan dengan perantaraan Musa mengenai sembilan setengah suku itu. ³ Dua setengah suku lainnya telah diberi harta pusaka oleh Musa di seberang Sungai Yordan. Hanya, kepada suku Lewi dia tidak memberikan harta pusaka di tengah-tengah mereka. ⁴ Bani Yusuf terdiri daripada dua suku, iaitu Manasye dan Efraim, sehingga tidak ada bahagian yang diberikan

13:33: Bil 18:20; Ul 18:2. **14:2:** Bil 26:52-56; 34:13.

14:3: Bil 32:33; 34:14,15; Ul 3:12-17.

kepada suku Lewi di negeri itu, kecuali kota-kota untuk dihuni berserta padang-padang ragut untuk ternakan dan kawan-an haiwan mereka.

⁵ Seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Musa, demikianlah dilakukan orang Israel. Mereka pun membahagi-bahagi negeri itu.

Hebron diberikan kepada Kaleb

⁶ Bani Yehuda datang menghadap Yosua di Gilgal. Pada waktu itu Kaleb anak Yefune, orang Kenas itu, berkata kepadanya, “Engkau tahu firman yang disampaikan Tuhan kepada Musa, hamba Allah itu, mengenai aku dan mengenai engkau di Kadesh-Barnea. ⁷ Aku berumur empat puluh tahun ketika Musa, hamba Tuhan itu, mengutus aku dari Kadesh-Barnea untuk mengintip negeri ini, dan aku kembali kepadanya membawa laporan yang selaras dengan hati nuraniku. ⁸ Saudara-saudaraku yang pergi bersama-samaku membuat hati bangsa ini tawar, tetapi aku tetap mengikuti Tuhan, Allahku, dengan sepenuh hati. ⁹ Pada hari itu Musa berjanji dengan bersumpah, katanya, ‘Sesungguhnya, negeri yang diinjak kakimu itu akan menjadi harta pusakamu dan anak-anakmu untuk selama-lamanya, kerana engkau telah

mengikuti Tuhan, Allahku, dengan sepenuh hati.’¹⁰ Sekarang lihatlah, Tuhan telah memelihara hidupku, seperti yang difirmankan-Nya. Kini sudah empat puluh lima tahun lamanya sejak Tuhan menyampaikan firman itu kepada Musa, sementara orang Israel mengembara di gurun. Sekarang, inilah aku. Hari ini usiaku sudah lapan puluh lima tahun,¹¹ dan hari ini aku masih sama kuat seperti ketika Musa mengutus aku. Kekuatanku sekarang masih seperti kekuatanku pada saat itu, baik untuk berperang mahupun untuk kegiatan lainnya.¹² Oleh sebab itu berikanlah kepadaku gunung ini, yang dijanjikan Tuhan pada saat itu. Engkau sendiri mendengar pada saat itu bahawa orang Enak ada di sana dengan kota-kota mereka yang besar dan berkubu. Mudah-mudahan Tuhan menyertai aku, sehingga aku dapat mengusir mereka seperti yang difirmankan Tuhan.”

¹³ Kemudian Yosua memohonkan berkat baginya dan memberikan Hebron kepada Kaleb anak Yefune sebagai harta pusaka.¹⁴ Itulah sebabnya Hebron menjadi harta pusaka Kaleb anak Yefune, orang Kenas itu, sampai hari ini, kerana dia telah mengikuti Tuhan, Allah Israel, dengan sepenuh hati.¹⁵ Nama Hebron sebelumnya ialah Kiryat-Arba. Arba orang yang terbesar antara orang Enak.

Maka amanlah negeri itu daripada peperangan.

Sempadan daerah suku Yehuda

15 ¹ Kawasan tanah yang didapati menerusi cabutan undi oleh bani Yehuda menurut kaum mereka ialah wilayah sampai ke sempadan Edom, ke Gurun Zin di sebelah selatan, bahagian terhujung di Negeb.

² Batas selatan mereka adalah dari hujung Laut Mati, dari teluk yang menghadap ke selatan, ³ keluar ke sebelah selatan Tanjakan Akrabim, terus ke Zin, kemudian naik ke sebelah selatan Kadesh-Barnea, dan terus ke Hezron. Dari situ sempadan naik ke Adar dan membelok ke Karka, ⁴ hingga ke Azmon, keluar di Wadi Mesir lalu berakhir di laut. Itulah sempadan daerahmu di sebelah selatan.

⁵ Sempadan timur ialah Laut Mati sampai ke muara Sungai Yordan.

Persempadanan sebelah utara bermula dari teluk laut itu di muara Sungai Yordan, ⁶ naik ke Bet-Hogla, terus ke sebelah utara Bet-Araba, lalu naik lagi ke batu Bohan anak Ruben. ⁷ Kemudian sempadan itu naik dari Lembah Akhor ke Debir, terus ke sebelah utara menghala ke Gilgal, berhadapan dengan tanjakan Adumim di sebelah selatan lembah, dan dari situ berlanjutan ke mata air En-Semes lalu berakhir di En-Rogel.

⁸ Selanjutnya sempadan itu naik ke Lembah Ben-Hinom, ke sebelah selatan lereng gunung bani Yebus, iaitu Yerusalem, lalu naik ke puncak gunung yang berhadapan dengan Lembah Hinom di sebelah barat, di hujung utara Lembah Refaim.

⁹ Kemudian dari puncak gunung sempadan berliku ke mata air Neftoah dan keluar ke kota-kota di Gunung Efron, lalu membelok lagi ke Baala, iaitu Kiryat-Yearim. ¹⁰ Selanjutnya sempadan membelok dari Baala ke sebelah barat, ke Gunung Seir, terus ke lereng utara Gunung Yearim, iaitu Kesalon, lalu turun ke Bet-Semes dan terus ke Timna ¹¹ lalu keluar ke lereng Ekron di sebelah utara, membelok ke Sikron, terus ke Gunung Baala, lalu keluar di Yabneel, dan berakhir di laut. ¹² Sempadan barat ialah Laut Besar dan tepiannya. Itulah sempadan di sekeliling bani Yehuda menurut kaum-kaum mereka.

¹³ Kepada Kaleb anak Yefune, Yosua memberikan satu bahagian di tengah-tengah bani Yehuda, selaras dengan firman Tuhan kepadanya. Bahagian itu ialah Kiryat-Arba (Arba ialah bapa Enak), iaitu Hebron. ¹⁴ Kaleb mengusir dari sana ketiga-tiga orang anak Enak, iaitu Sesai, Ahiman, dan Talmai – itulah

keturunan Enak. ¹⁵ Dari sana dia mara melawan penduduk Debir. Nama Debir sebelumnya ialah Kiryat-Sefer. ¹⁶ Berkatalah Kaleb, “Sesiapa yang menumpaskan dan menawan Kiryat-Sefer, kepadanya akan kuberikan anak perempuanku, Akhsa, sebagai isterinya.” ¹⁷ Lalu Otniel anak Kenas, adik Kaleb, menawan kota itu. Maka Kaleb memberikan, anak perempuannya, Akhsa, kepada Otniel untuk menjadi isterinya. ¹⁸ Pada waktu perempuan itu datang kepada Otniel, dia memujuk suaminya untuk meminta sepetak ladang daripada ayahnya. Ketika perempuan itu turun dari keldainya, Kaleb bertanya kepadanya, “Apakah yang kauinginkan?” ¹⁹ Jawabnya, “Berilah aku berkat. Ayah telah menempatkan aku di Tanah Negeb. Oleh itu, berilah aku juga beberapa mata air.” Maka Kaleb pun memberinya mata-mata air di sebelah hulu dan hilir.

Kota-kota suku Yehuda

²⁰ Inilah harta pusaka suku bani Yehuda menurut kaum-kaum mereka: ²¹ Kota-kota suku bani Yehuda yang paling hujung, yang menghala ke sempadan Edom di Tanah Negeb: Kabzeel, Eder, Yagur, ²² Kina, Dimona, Adada, ²³ Kedesh, Hazor, Yitnan, ²⁴ Zif, Telem, Bealot, ²⁵ Hazor-Hadata, Keriot-Hezron, iaitu Hazor, ²⁶ Amam, Sema, Molada, ²⁷ Hazar-Gada, Hesmon,

Bet-Pelet, ²⁸ Hazar-Sual, Bersyeba, Bizotiya, ²⁹ Baala, Iyim, Ezem, ³⁰ Eltolad, Kesil, Horma, ³¹ Ziklag, Madmana, Sansana, ³² Lebaot, Silhim, Ain, Rimon – semuanya dua puluh sembilan buah kota dengan desa-desanya.

³³ Di dataran rendah: Esytaol, Zora, Asna, ³⁴ Zanoah, En-Ganim, Tapuah, Enam, ³⁵ Yarmut, Adulam, Sokho, Azeka, ³⁶ Saaraim, Aditaim, Gedera, Gederotaim – empat belas buah kota dengan desa-desanya.

³⁷ Zenan, Hadasa, Migdal-Gad, ³⁸ Dilean, Mizpa, Yokteel, ³⁹ Lakhis, Bozkat, Eglon, ⁴⁰ Kabon, Lahmas, Kitlis, ⁴¹ Gederot, Bet-Dagon, Naama, dan Makeda – enam belas buah kota dengan desa-desanya.

⁴² Libna, Eter, Asan, ⁴³ Yiftah, Asna, Nezib, ⁴⁴ Kehila, Akhzib, dan Maresa – sembilan buah kota dengan desa-desanya.

⁴⁵ Ekron dengan bandar-bandar dan desa-desanya, ⁴⁶ dari Ekron ke arah barat sampai ke laut, semua yang terletak di sisi Asdod dengan desa-desanya.

⁴⁷ Asdod dengan bandar-bandar dan desa-desanya, Gaza dengan bandar-bandar dan desa-desanya sampai ke Wadi Mesir, dan Laut Besar serta tepiannya.

⁴⁸ Di pergunungan: Samir, Yatir, Sokho, ⁴⁹ Dana, Kiryat-Sana, iaitu Debir, ⁵⁰ Anab, Estemo, Anim,

⁵¹ Gosen, Holon, Gilo – sebelas buah kota dengan desa-desanya.

⁵² Arab, Duma, Esan, ⁵³ Yanum, Bet-Tapuah, Afeka, ⁵⁴ Humta, Kiryat-Arba, iaitu Hebron, Zior – sembilan buah kota dengan desa-desanya.

⁵⁵ Maon, Karmel, Zif, Yuta, ⁵⁶ Yizreel, Yokdeam, Zanoah, ⁵⁷ Kain, Gibea, Timna – sepuluh buah kota dengan desa-desanya.

⁵⁸ Halhul, Bet-Zur, Gedor, ⁵⁹ Maarat, Bet-Anot, Eltekon – enam buah kota dengan desa-desanya.

⁶⁰ Kiryat-Baal, iaitu Kiryat-Yearim, dan Raba – dua buah kota dengan desa-desanya.

⁶¹ Di gurun: Bet-Araba, Midin, Sekhakha,

⁶² Nibsan, Kota Garam, En-Gedi – enam buah kota dengan desa-desanya.

⁶³ Meskipun demikian, bani Yehuda tidak dapat mengusir bani Yebus, penduduk Yerusalem itu. Jadi, orang Yebus tinggal bersama-sama bani Yehuda di Yerusalem sampai hari ini.

Tanah milik suku Efraim dan suku Manasye

16 ¹ Pembahagian berupa tanah milik bagi bani Yusuf yang mempunyai sempadan yang bermula dari Sungai Yordan di Yerikho, di sebelah timur mata air Yerikho, melintasi gurun, lalu naik dari Yerikho ke kawasan bukit-bukau

dan ke Betel. ² Dari Betel sempadan itu keluar menuju Lus dan sampai ke Atarot, daerah orang Arki, ³ kemudian turun ke sebelah barat, ke daerah orang Yaflet, sampai ke daerah Bet-Horon Hilir, dan dari sana terus ke Gezer hingga berakhir di laut.

⁴ Demikianlah bani Yusuf, iaitu suku Manasye dan suku Efraim, menerima harta pusaka mereka.

⁵ Berikut ialah sempadan wilayah bani Efraim menurut kaum-kaum mereka: Sempadan harta pusaka mereka di sebelah timur ialah Atarot-Adar sampai ke Bet-Horon Hulu, ⁶ lalu keluar ke laut dengan Mikhmetat di sebelah utaranya, dan membelok ke sebelah timur, iaitu ke Taanat-Silo, sebelum berlanjutan ke sebelah timur, ke Yanoah. ⁷ Dari Yanoah sempadan itu keluar ke Atarot dan ke Naharat dan menyentuh Yerikho, lalu berakhir di Sungai Yordan. ⁸ Dari Tapuah sempadan terus ke sebelah barat, iaitu ke Sungai Kana, dan berakhir di laut. Itulah harta pusaka suku bani Efraim menurut kaum-kaum mereka, ⁹ termasuk semua kota berserta desa-desanya yang dipisahkan bagi bani Efraim di tengah-tengah harta pusaka bani Manasye. ¹⁰ Namun begitu, mereka tidak mengusir bani Kanaan yang tinggal di Gezer, sehingga bani Kanaan itu masih tinggal

antara bani Efraim sampai hari ini sebagai buruh paksa.

Harta pusaka suku Manasye

17 ¹ Peruntukan diberikan kepada suku Manasye sebagai keturunan anak sulung Yusuf. Tanah Gilead dan Basan diberikan kepada Makhir, anak sulung Manasye dan juga ayah Gilead atas sebab dia seorang perwira. ² Orang Manasye yang selebihnya juga mendapat bahagian menurut kaum-kaum mereka, iaitu bani Abiezer, bani Helek, bani Asriel, bani Sekhem, bani Hefer, dan bani Semida. Mereka itu para anak lelaki Manasye anak Yusuf menurut kaum-kaum mereka. ³ Tetapi Zelafehad anak Hefer anak Gilead anak Makhir anak Manasye tidak mempunyai anak lelaki, melainkan anak perempuan sahaja. Inilah nama anak-anak perempuannya: Mahla, Noa, Hogla, Milka, dan Tirza. ⁴ Mereka datang menghadap Imam Eleazar, Yosua anak Nun, serta para pemimpin, dan berkata, “Tuhan telah memerintahkan Musa untuk memberikan kepada kami harta pusaka di tengah-tengah saudara-saudara kami lelaki.” Oleh sebab itu Yosua memberikan kepada mereka harta pusaka di tengah-tengah saudara-

saudara lelaki ayah mereka, selaras dengan firman Tuhan. ⁵ Maka bagi orang Manasye jatuhlah sepuluh bahagian tanah di samping Tanah Gilead dan Basan di seberang Sungai Yordan, ⁶ kerana keturunan perempuan Manasye pun menerima harta pusaka bersama-sama keturunan lelakinya. Tanah Gilead diperuntukkan kepada keturunan Manasye yang selebihnya.

⁷ Sempadan daerah Manasye menganjur dari Asyer sampai ke Mikhmetat yang berseberangan dengan Sikhem, lalu terus ke sebelah selatan, ke daerah penduduk En-Tapuah. ⁸ Tanah Tapuah milik suku Manasye, tetapi kota Tapuah di sempadan Manasye dimiliki bani Efraim. ⁹ Selanjutnya sempadan itu turun ke Sungai Kana, ke sebelah selatan sungai itu. Kota-kota di situ dimiliki suku Efraim, meskipun berada di tengah-tengah kota-kota suku Manasye. Kemudian sempadan daerah Manasye berlanjutan ke sebelah utara sungai itu dan berakhir di laut. ¹⁰ Wilayah sebelah selatan sungai itu milik suku Efraim manakala wilayah sebelah utara pula milik suku Manasye. Sempadan baratnya ialah laut. Seterusnya sempadan itu ialah daerah Asyer di sebelah utara dan daerah Isakhar di sebelah timur. ¹¹ Di daerah Isakhar dan Asyer ada milik suku Manasye, iaitu Bet-Sean dengan kampung-kampungnya, Yibleam dengan

kampung-kampungnya, penduduk Dor dengan kampung-kampungnya, serta tiga daerah pergunungan meliputi penduduk En-Dor dengan kampung-kampungnya, penduduk Taanakh dengan kampung-kampungnya, dan penduduk Megido dengan kampung-kampungnya.

¹² Meskipun demikian, bani Manasye tidak menakluki kota-kota itu sepenuhnya kerana mereka tidak dapat mengusir penduduk kota-kota lantaran bani Kanaan berkeras untuk tetap tinggal di negeri itu. ¹³ Pada waktu orang Israel menjadi kuat, mereka memaksa bani Kanaan menjadi buruh paksa, tetapi tidak mengusir umat itu sepenuhnya.

¹⁴ Berkatalah bani Yusuf kepada Yosua, “Mengapakah tuan memberi kami satu peruntukan dan satu bahagian sahaja sebagai harta pusaka? Kami ini kaum yang besar kerana sampai saat ini Tuhan telah memberkati kami.”

¹⁵ Jawab Yosua kepada mereka, “Jika jumlah kamu sebegitu ramai dan pergunungan Efraim terlalu sempit bagimu, naiklah ke hutan dan bukalah tanah baru di sana untukmu, di negeri orang Feris dan orang Refaim.”

¹⁶ Kata bani Yusuf, “Pergunungan itu tidak cukup bagi kami, dan bani Kanaan yang tinggal di tanah

lembah itu memiliki rata besi, baik yang ada di Bet-Sean serta kampung-kampungnya mahupun di Lembah Yizreel.”

¹⁷ Maka kata Yosua kepada keturunan kaum Yusuf, iaitu kepada suku Efraim dan suku Manasye, “Kamu memang kaum yang besar dan mempunyai kekuatan yang besar pula. Kamu tentu tidak akan mendapat satu peruntukan sahaja. ¹⁸ Pergunungan itu pun akan menjadi milikmu. Daerah itu memang masih berupa hutan, namun kamu akan membuka dan memilikinya sampai ke hujung-hujungnya. Kamu akan mengusir bani Kanaan itu, walaupun mereka mempunyai rata besi dan walaupun mereka kuat.”

Pembahagian tanah selebihnya

18 ¹ Seluruh kalangan umat Israel berkumpul di Silo dan mendirikan Khemah Pertemuan di sana, kerana negeri itu sudah menjadi jajahan takluk mereka. ² Masih tinggal tujuh suku lagi antara orang Israel yang belum mendapat bahagian harta pusaka mereka. ³ Maka kata Yosua kepada orang Israel, “Berapa lama lagi kamu mahu melengah menduduki negeri yang telah dikurniakan Tuhan, Allah nenek moyangmu, kepadamu? ⁴ Pilihlah tiga orang daripada setiap suku. Aku akan mengutus mereka untuk segera

menjelajahi negeri itu dan mencatat keadaannya, menurut harta pusaka masing-masing, dan setelah itu kembali kepadaku. ⁵ Hendaklah mereka membahaginya menjadi tujuh bahagian. Suku Yehuda akan tetap tinggal di daerahnya di sebelah selatan dan bani Yusuf akan tetap tinggal di daerahnya di sebelah utara. ⁶ Kamu mesti mencatat keadaan negeri itu di tujuh bahagian lalu membawa catatan itu kepadaku. Aku akan mencabut undi bagimu di sini, di hadapan Tuhan, Allah kita. ⁷ Suku Lewi tidak mendapatkan bahagian antara kamu, kerana jawatan imam Tuhan ialah harta pusaka mereka. Suku Gad, suku Ruben, dan separuh suku Manasye telah menerima harta pusaka mereka di sebelah timur Sungai Yordan, yang diberikan kepada mereka oleh Musa, hamba Tuhan itu.”

⁸ Maka segeralah berangkat tiga orang yang terpilih daripada setiap suku itu dengan perintah Yosua supaya mereka mencatat keadaan negeri itu, katanya, “Pergilah dan jelajahilah negeri itu. Catatlah keadaannya lalu kembalilah kepadaku. Aku akan mencabut undi bagi kamu di sini, di hadapan Tuhan, di Silo.” ⁹ Maka pergilah mereka yang terpilih itu menjelajahi negeri itu dan mencatat keadaan kota demi kota di tujuh bahagian dalam sebuah kitab. Setelah itu, mereka kembali kepada Yosua di perkhemahan,

di Silo. ¹⁰ Lalu Yosua mencabut undi bagi mereka di Silo, di hadapan Tuhan. Di situlah dia membahagi-bahagikan negeri itu kepada orang Israel dengan setiap suku menerima bahagian masing-masing.

Harta pusaka suku Benyamin

¹¹ Undian terjatuh kepada suku bani Benyamin menurut kaum-kaum mereka dan wilayah yang diperuntukkan untuk mereka terletak di antara wilayah bani Yehuda dengan wilayah bani Yusuf.

¹² Di sebelah utara, sempadan daerah mereka bermula dari Sungai Yordan kemudian naik ke lereng gunung di sebelah utara Yerikho, lalu naik ke pergunungan di sebelah barat, dan berakhir di Gurun Bet-Awen. ¹³ Dari situ, sempadan itu menganjur ke Lus, ke lereng gunung di sebelah selatan Lus, iaitu Betel dan seterusnya turun ke Atarot-Adar dekat gunung yang terletak di sebelah selatan Bet-Horon Hilir. ¹⁴ Selanjutnya sempadan itu membelok di sebelah barat menuju ke sebelah selatan gunung di seberang selatan Bet-Horon dan berakhir di Kiryat-Baal, iaitu Kiryat-Yearim, sebuah kota milik bani Yehuda. Itulah sisi sebelah baratnya. ¹⁵ Sempadan sebelah selatan bermula dari hujung Kiryat-Yearim, lalu keluar ke sebelah barat menuju mata air Neftoah. ¹⁶ Kemudian

sempadan itu turun ke hujung gunung di seberang Lembah Ben-Hinom, yang terletak di sebelah utara lembah orang Refaim, lalu turun ke Lembah Hinom, sebelah selatan lereng gunung orang Yebus, dan turun ke En-Rogel. ¹⁷ Kemudian sempadan itu membelok ke sebelah utara, keluar ke En-Semes, menuju wilayah yang berhadapan dengan tanjakan Adumim dan seterusnya turun ke batu Bohan anak Ruben. ¹⁸ Sempadan itu berlanjutan ke sebelah utara lereng gunung di seberang Bet-Araba, lalu turun ke Araba ¹⁹ dan kemudian berlanjutan lagi ke sebelah utara lereng Gunung Bet-Hogla dan berakhir di teluk utara Laut Mati, di muara selatan Sungai Yordan. Itulah sempadan selatannya. ²⁰ Sungai Yordan ialah sempadan sebelah timurnya. Itulah harta pusaka bani Benyamin dengan sempadan di sekelilingnya menurut kaum-kaum mereka.

²¹ Inilah kota-kota suku bani Benyamin menurut kaum-kaum mereka: Yerikho, Bet-Hogla, Emek-Kezis, ²² Bet-Araba, Zemaraim, Betel, ²³ Haawim, Para, Ofra, ²⁴ Kefar-Haamonai, Ofni, Geba; dua belas buah kota berserta desa-desanya. ²⁵ Gibeon, Rama, Beerot, ²⁶ manakala Mizpa, Kefira, Moza, ²⁷ Rekem, Yirpeel, Tarala, ²⁸ Zela, Elef, Yebus, iaitu Yerusalem, Gibeon, Kiryat ialah empat belas buah kota lagi dengan desa-desanya.

Itulah harta pusaka bani Benyamin menurut kaum-kaum mereka.

Tanah pusaka suku Simeon

19 ¹ Cabutan undi kedua memihak suku Simeon, iaitu bagi suku bani Simeon menurut kaum-kaum mereka. Harta pusaka mereka terletak di tengah-tengah harta pusaka bani Yehuda, ² meliputi Bersyeba, Syeba, Molada, ³ Hazar-Sual, Bala, Ezem, ⁴ Eltolad, Betul, Horma, ⁵ Ziklag, Bet-Markabot, Hazar-Susa, ⁶ Bet-Lebaot, Saruhen iaitu sejumlah tiga belas kota dengan desa-desanya; ⁷ dan empat kota lagi dengan desa-desanya iaitu Ain, Rimon, Eter, Asan; ⁸ juga seluruh desa di sekeliling kota-kota itu sampai ke Baalat-Beer, iaitu Rama di Tanah Negeb.

Itulah harta pusaka suku bani Simeon menurut kaum-kaum mereka. ⁹ Harta pusaka bani Simeon berada di dalam bahagian bani Yehuda kerana bahagian bani Yehuda itu terlalu besar bagi mereka. Sebab itulah bani Simeon mendapat harta pusaka di tengah-tengah harta pusaka mereka.

Tanah pusaka suku Zebulon

¹⁰ Undian ketiga memihak kepada bani Zebulon menurut kaum-kaum mereka. Sempadan harta pusaka mereka sampai sejauh Sarid. ¹¹ Ke arah barat pula, sempadan itu menanjak menuju Marala, menyentuh Dabeset dan sungai di depan Yokneam. ¹² Dari Sarid sempadan menghala ke sebelah timur, arah matahari terbit, ke sempadan Kislot-Tabor, lalu keluar ke Dobrat dan naik ke Yafia. ¹³ Dari situ sempadan itu menganjur ke sebelah timur, iaitu ke Gat-Hefer, lalu ke Et-Kazin, keluar di Rimon, dan membelok ke Nea; ¹⁴ dan selanjutnya membelok di utara ke Hanaton, dan berakhir di Lembah Yiftah-El. ¹⁵ Daerahnya termasuk juga Katat, Nahalal, Simron, Yidala, Betlehem iaitu dua belas buah kota dengan desa-desanya. ¹⁶ Kota-kota itu dengan desa-desanya itulah harta pusaka bani Zebulon menurut kaum-kaum mereka.

Tanah pusaka suku Isakhar

¹⁷ Undian keempat memihak kepada suku Isakhar, iaitu bagi bani Isakhar menurut kaum-kaum mereka. ¹⁸ Daerah mereka ialah Yizreel, Kesulot, Sunem, ¹⁹ Hafaraim, Sion, Anaharat, ²⁰ Rabit, Kisyon, Ebes, ²¹ Remet, En-Ganim, En-Hada, dan Bet-Pazes. ²² Sempadan daerah itu

bergeser dengan Tabor, Sahazima, Bet-Semes dan berakhir di Sungai Yordan iaitu sejumlah enam belas buah kota dengan desa-desanya. ²³ Kota-kota itu dengan desa-desanya itulah harta pusaka suku bani Isakhar menurut kaum-kaum mereka.

Tanah pusaka suku Asyer

²⁴ Undian kelima memihak kepada suku bani Asyer menurut kaum-kaum mereka. ²⁵ Daerah mereka ialah Helkat, Hali, Beten, Akhsaf, ²⁶ Alamelekh, Amad, dan Misal. Di sebelah barat sempadan bergeser dengan Karmel dan Sikhor Libnat, ²⁷ kemudian menghala ke arah matahari terbit, ke Bet-Dagon. Setelah itu, sempadan menyentuh Zebulon dan Lembah Yiftah-El menuju utara, ke Bet-Emek serta Nehiel, dan keluar di Kabul di sebelah utara, ²⁸ terus ke Ebron, Rehob, Hamon, Kana, sampai ke Sidon Besar. ²⁹ Kemudian sempadan belok ke Rama dan sampai ke kota kubu Tirus. Selanjutnya sempadan belok lagi ke Hosa dan berakhir di laut. Daerahnya termasuk juga Mahalab, Akhzib, ³⁰ Uma, Afek, Rehob iaitu sejumlah dua puluh kota dengan desa-desanya. ³¹ Kota-kota itu dengan desa-desanya itulah harta pusaka suku bani Asyer menurut kaum-kaum mereka.

Tanah pusaka suku Naftali

³² Undian keenam memihak kepada bani Naftali, iaitu bagi bani Naftali menurut kaum-kaum mereka. ³³ Daerah mereka dimulai dari Helef, dari pokok oak di Zaananim, terus ke Adami-Nekeb, Yabneel, sampai ke Lakum, dan berakhir di Sungai Yordan. ³⁴ Kemudian sempadan belok ke sebelah barat menuju Aznot-Tabor, lalu dari situ keluar ke Hukok. Di sebelah selatan sempadan bersinggungan dengan Zebulon, di sebelah barat dengan Asyer, dan di arah matahari terbit dengan Yehuda di tepi Sungai Yordan. ³⁵ Kota-kota kubunya ialah Zidim, Zer, Hamat, Rakat, Kineret, ³⁶ Adama, Rama, Hazor, ³⁷ Kedesh, Edrei, En-Hazor, ³⁸ Yiron, Migdal-El, Horem, Bet-Anat, dan Bet-Semes iaitu sejumlah sembilan belas kota dengan desa-desanya. ³⁹ Kota-kota itu dengan desa-desanya itulah harta pusaka suku bani Naftali menurut kaum-kaum mereka.

Tanah pusaka suku Dan

⁴⁰ Undian ketujuh memihak kepada suku bani Dan menurut kaum-kaum mereka. ⁴¹ Daerah harta pusaka mereka ialah Zora, Esytaol, Ir-Semes, ⁴² Saalabin, Ayalon, Yitla, ⁴³ Elon, Timna, Ekron, ⁴⁴ Elteke, Gibeton, Baalat, ⁴⁵ Yehud, Bene-Berak, Gat-Rimon, ⁴⁶ Me-Yarkon, dan Rakon

berserta daerah yang berhadapan dengan Yope.^a
⁴⁷ Bani Dan kehilangan sebahagian daripada daerah mereka lalu mereka maju berperang melawan kota Lesem. Mereka menawan kota itu, membunuh penduduknya dengan mata pedang, mendudukinya, dan tinggal di sana. Lesem dinamai mereka Dan menurut nama bapa leluhur mereka, Dan. ⁴⁸ Kota-kota itu dengan desa-desanya itulah harta pusaka suku bani Dan menurut kaum-kaum mereka.

Tanah pusaka Yosua

⁴⁹ Setelah mereka selesai membahagi-bahagikan negeri itu menjadi harta pusaka mereka menurut daerah-daerahnya, orang Israel memberikan suatu harta pusaka kepada Yosua anak Nun di tengah-tengah mereka. ⁵⁰ Menurut perintah Tuhan, mereka memberikan kepadanya kota yang dimintanya, iaitu Timnat-Serah di pergunungan Efraim. Kemudian dia membina kota itu dan tinggal di dalamnya.

⁵¹ Itulah harta pusaka yang dibahagi-bahagikan oleh Imam Eleazar, Yosua anak Nun, dan ketua kaum keluarga suku-suku orang Israel dengan mencabut undi di Silo, di hadapan Tuhan, di

^a**19:46** Nama lain Yope ialah Yafo.

depan pintu Khemah Pertemuan. Demikianlah mereka menyelesaikan pembahagian negeri itu.

Kota-kota perlindungan

20 ¹Tuhan berfirman kepada Yosua, ²“Katakanlah kepada orang Israel demikian, ‘Tentukanlah bagimu kota-kota perlindungan yang telah Kufirmankan kepadamu dengan perantaraan Musa, ³supaya orang yang membunuh seseorang tanpa sengaja dan tanpa ada niat sebelumnya dapat melarikan diri ke sana. Kota-kota itu akan menjadi tempat perlindungan bagimu terhadap orang yang hendak menuntut balasan darah. ⁴Hendaklah orang itu melarikan diri ke salah sebuah daripada kota-kota itu, lalu berdiri di depan pintu gerbang kota dan memaparkan perkaranya kepada para tua-tua kota itu. Kemudian mereka harus membawanya masuk ke dalam kota dan memberinya tempat supaya dia dapat tinggal bersama-sama mereka. ⁵Jika orang yang menuntut balasan darah itu mengejarnya, mereka tidak boleh menyerahkan pembunuh ke tangannya, kerana dia telah membunuh sesamanya tanpa ada niat dan tanpa membenci orang itu sebelumnya. ⁶Hendaklah dia tinggal di kota itu sampai dia dihadapkan

kepada majlis umat untuk diadili, dan sampai imam besar yang hidup pada masa itu meninggal. Setelah itu, barulah pembunuh itu boleh pulang ke rumahnya di kotanya, iaitu ke kota asalnya sebelum dia melarikan diri.' ”

⁷ Kemudian mereka mengkhususkan Kedesh di Galilea, di pergunungan Naftali; Sikhem di pergunungan Efraim; dan Kiryat-Arba, iaitu Hebron, di pergunungan Yehuda. ⁸ Di seberang Sungai Yordan, di sebelah timur Yerikho, mereka menentukan Bezer di gurun, di dataran tinggi, daripada suku Ruben; Ramot di Gilead daripada suku Gad; dan Golan di Basan daripada suku Manasye. ⁹ Itulah kota-kota yang ditentukan bagi seluruh orang Israel dan bagi para pendatang yang tinggal di tengah-tengah mereka, supaya sesiapa pun yang membunuh seseorang secara tidak sengaja dapat melarikan diri ke sana dan tidak dibunuh oleh orang yang menuntut balasan darah sebelum dia dihadapkan kepada majlis umat.

Bahagian kota-kota dan padang ragut bani Lewi

21 ¹ Para ketua kaum keluarga bani Lewi datang menghadap Imam Eleazar, Yosua anak Nun, dan para ketua kaum keluarga

daripada suku-suku orang Israel yang lain ² di Silo, di Tanah Kanaan, dan berkata kepada mereka demikian, “Dengan perantaraan Musa, Tuhan telah memerintahkan supaya kepada kami diberikan kota-kota untuk dihuni beserta padang ragut untuk ternakan kami.” ³ Maka selaras dengan firman Tuhan, orang Israel memberikan kepada bani Lewi kota-kota yang berikut ini beserta padang ragut daripada antara harta pusaka mereka.

⁴ Melalui undian, kaum-kaum bani Kehat, bani Lewi daripada keturunan Imam Harun itu mendapat tiga belas buah kota daripada suku Yehuda, suku Simeon, dan suku Benyamin ⁵ manakala bani Kehat yang selebihnya mendapat sepuluh buah kota daripada kaum-kaum suku Efraim, suku Dan, dan separuh suku Manasye melalui undian.

⁶ Bani Gerson mendapat tiga belas buah kota daripada kaum-kaum suku Isakhar, suku Asyer, suku Naftali, dan separuh suku Manasye di Basan melalui undian.

⁷ Bani Merari, menurut kaum-kaum mereka, menerima dua belas buah kota daripada suku Ruben, suku Gad, dan suku Zebulon.

⁸ Orang Israel memberikan kota-kota itu berserta padang rumput ternaknya kepada bani Lewi melalui undian, seperti yang diperintahkan Tuhan dengan perantaraan Musa.

⁹ Daripada suku bani Yehuda dan suku bani Simeon kota-kota yang berikut, yang nama mereka disebutkan di sini, diberikan ¹⁰ kepada bani Harun, iaitu salah satu kaum Kehat daripada bani Lewi, kerana undian yang pertama memihak kepada mereka. ¹¹ Kepada mereka diberikan Kiryat-Arba (Arba ialah bapa Enak), iaitu Hebron di pergunungan Yehuda berserta padang ragut di sekelilingnya. ¹² Tetapi ladang-ladang kota itu berserta desa-desanya telah diberikan kepada Kaleb anak Yefune menjadi miliknya.

¹³ Maka kepada keturunan Imam Harun diberikan Hebron, iaitu kota perlindungan bagi pembunuh, Libna, ¹⁴ Yatir, Estemoa, ¹⁵ Holon, Debir, ¹⁶ Ain, Yuta, dan Bet-Semes. Semuanya berserta padang ragutnya berjumlah sembilan buah kota daripada dua suku itu. ¹⁷ Daripada suku Benyamin diberikan Gibeon, Geba, ¹⁸ Anatot, dan Almon. Semuanya berserta padang ragutnya berjumlah empat buah kota. ¹⁹ Jumlah seluruh kota bagi para imam daripada bani Harun ialah tiga belas kota berserta padang ragut mereka.

²⁰ Kaum-kaum bani Kehat, iaitu bani Lewi daripada bani Kehat yang selebihnya, mendapat

kota-kota yang diperuntukkan bagi mereka daripada suku Efraim. ²¹ Kepada mereka diberikan Sikhem, iaitu kota perlindungan di pergunungan Efraim bagi pembunuh, Gezer, ²² Kibzaim, dan Bet-Horon. Semuanya berserta padang-padang ragut – empat kota. ²³ Daripada suku Dan diberikan Elteke, Gibeton, ²⁴ Ayalon, dan Gat-Rimon. Semuanya berserta padang-padang ragut – empat kota. ²⁵ Dari setengah suku Manasye diberikan Taanakh dan Gat-Rimon. Semuanya berserta padang-padang ragut – dua kota. ²⁶ Jumlah kota bagi kaum-kaum bani Kehat yang selebihnya itu ialah sepuluh buah berserta padang ragut mereka.

²⁷ Kepada bani Gerson daripada kaum-kaum bani Lewi, setengah suku Manasye yang lain memberikan Golan di Basan, iaitu kota perlindungan bagi pembunuh, dan Beestra. Semuanya berserta padang-padang ragut – dua kota. ²⁸ Daripada suku Isakhar diberikan Kisyon, Dobrat, ²⁹ Yarmut, dan En-Ganim. Semuanya berserta padang-padang ragut – empat kota. ³⁰ Daripada suku Asyer diberikan Misal, Abdon, ³¹ Helkat, dan Rehob. Semuanya berserta padang-padang ragut – empat kota. ³² Daripada suku Naftali diberikan Kedesh di Galilea, iaitu kota perlindungan bagi pembunuh, Hamot-Dor, dan Kartan. Semuanya berserta padang-padang

ragut – tiga kota. ³³ Jumlah seluruh kota bagi bani Gerson menurut kaum-kaum mereka ialah tiga belas kota beserta padang ragutnya.

³⁴ Kepada kaum-kaum bani Merari, iaitu bani Lewi yang selebihnya, suku Zebulon memberikan Yokneam, Karta, ³⁵ Dimna, dan Nahalal. Semuanya beserta padang ragutnya berjumlah empat buah kota. ³⁶ Daripada suku Ruben diberikan Bezer, Yahas, ³⁷ Kedemot, dan Mefaat. Semuanya beserta padang ragutnya berjumlah empat buah kota. ³⁸ Daripada suku Gad diberikan Ramot di Gilead, iaitu kota perlindungan bagi pembunuh, Mahanaim, ³⁹ Hesbon, dan Yaezer. Semuanya beserta padang ragutnya berjumlah empat buah kota. ⁴⁰ Jumlah seluruh kota bagi bani Merari menurut kaum-kaum mereka, iaitu kaum-kaum bani Lewi yang selebihnya, ialah dua belas buah kota menurut undian mereka.

⁴¹ Jadi, jumlah kota bani Lewi di tengah-tengah milik orang Israel ialah empat puluh lapan buah kota beserta padang ragutnya. ⁴² Tiap-tiap kota itu memiliki padang ragut di sekelilingnya; demikianlah keadaan semua kota itu.

⁴³ Demikianlah Tuhan memberikan kepada orang Israel seluruh negeri yang dijanjikan-Nya dengan bersumpah untuk dikurniakan kepada nenek moyang mereka. Mereka menduduki negeri itu dan tinggal di dalamnya. ⁴⁴ Tuhan

memberikan ketenteraman di sekeliling mereka, selaras dengan semua yang dijanjikan-Nya dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka. Daripada semua musuh mereka, tiada seorang pun dapat bertahan menghadapi mereka. Semua musuh mereka diserahkan Tuhan ke dalam tangan mereka. ⁴⁵ Tidak ada satu pun daripada segala hal yang baik yang dijanjikan Tuhan kepada keturunan kaum Israel yang tidak dikotakan. Semuanya menjadi kenyataan.

Pulangnye suku-suku sebelah timur

22 ¹ Yosua memanggil bani Ruben, bani Gad, dan separuh suku Manasye, ² lalu berkata kepada mereka, “Kamu telah berpegang teguh pada semua yang diperintahkan kepadamu oleh Musa, hamba Tuhan itu, dan telah menuruti kata-kataku dalam segala hal yang kuperintahkan kepadamu. ³ Kamu tidak meninggalkan para saudaramu selama ini sampai hari ini, melainkan berpegang teguh pada kewajiban yang diperintahkan Tuhan, Allahmu. ⁴ Sekarang Tuhan, Allahmu, telah memberikan ketenteraman kepada para saudaramu, seperti yang dijanjikan-Nya kepada mereka. Maka kembalilah kamu ke perkhemahanmu, ke tanah milikmu yang telah

diberikan kepadamu oleh Musa, hamba Tuhan itu, di seberang Sungai Yordan. ⁵ Hanya, ingatlah baik-baik, lakukanlah perintah dan hukum yang disampaikan kepadamu oleh Musa, hamba Tuhan itu, iaitu mencintai Tuhan, Allahmu, hidup menurut segala jalan-Nya, berpegang teguh pada segala perintah-Nya, berpaut kepada-Nya, serta beribadat kepada-Nya dengan segenap hatimu dan segenap jiwamu.” ⁶ Sesudah itu Yosua memohonkan berkat bagi mereka dan melepaskan mereka pergi. Lalu pulanglah mereka ke perkhemahan mereka. ⁷ Harta pusaka di Basan telah diberikan oleh Musa kepada setengah suku Manasye manakala kepada setengah suku yang lagi satu pula, harta pusaka diberikan oleh Yosua antara saudara mereka di sebelah barat Sungai Yordan. Ketika Yosua melepaskan mereka itu pergi ke perkhemahan mereka dan memohonkan berkat bagi mereka, ⁸ berkatalah dia kepada mereka, “Pulanglah ke perkhemahanmu dengan kekayaan yang banyak, ternak yang sangat banyak, perak, emas, gangsa, besi, dan pakaian yang sangat banyak. Bagikanlah juga jarahan daripada musuh-musuhmu itu kepada para saudaramu.”

Mazbah suku-suku sebelah timur

⁹ Bani Ruben, bani Gad, dan setengah suku Manasye itu pulang meninggalkan orang Israel di Silo, Tanah Kanaan, untuk pergi ke Tanah Gilead, tanah milik mereka yang ditawan mereka menuruti firman Tuhan yang disampaikan dengan perantaraan Musa.

¹⁰ Setelah sampai di wilayah dekat Sungai Yordan di Tanah Kanaan, bani Ruben, bani Gad, dan setengah suku Manasye itu membangun sebuah mazbah yang amat besar tersergam di sana, di tepi Sungai Yordan. ¹¹ Lalu orang Israel mendengar khabar yang mengatakan, “Ketahuilah, bani Ruben, bani Gad, dan setengah suku Manasye telah membangun sebuah mazbah yang menghadap Tanah Kanaan di wilayah dekat Sungai Yordan, di daerah bahagian orang Israel.” ¹² Setelah orang Israel mendengar hal itu, berkumpullah seluruh umat Israel di Silo untuk maju demi memerangi suku-suku sebelah timur itu.

¹³ Orang Israel mengirim Pinehas anak Imam Eleazar sebagai utusan kepada bani Ruben, bani Gad, dan setengah suku Manasye di Tanah Gilead itu ¹⁴ berserta sepuluh orang pemimpin yang masing-masingnya pemimpin kaum keluarga daripada setiap suku Israel dan juga

ketua kaum keluarga antara kaum orang Israel.
¹⁵ Sesampainya mereka di tempat bani Ruben, bani Gad, dan setengah suku Manasye di Tanah Gilead itu, berkatalah mereka kepada warga suku-suku itu, ¹⁶ “Beginilah kata seluruh umat Tuhan, ‘Kemungkaran apa ini yang kamu lakukan terhadap Allah Israel, sehingga sekarang kamu berhenti mengikuti Tuhan dan membangunkan sebuah mazbah untuk menderhakai Tuhan pada hari ini? ¹⁷ Tidakkah cukup kedurjanaan di Peor itu bagi kita? Sampai hari ini kita belum juga berjaya menyucikan diri daripada hal itu sekalipun bencana wabak telah menimpa umat Tuhan. ¹⁸ Sungguhkah hari ini kamu mahu berhenti mengikuti Tuhan? Jika hari ini kamu menderhaka terhadap Tuhan, tentulah esok Dia akan murka kepada seluruh umat Israel. ¹⁹ Akan tetapi, jika tanah milikmu itu najis, menyeberang sajalah ke mari, ke tanah milik Tuhan, tempat Khemah Suci Tuhan berada, dan menetaplah di tengah-tengah kami. Janganlah menderhaka terhadap Tuhan dan janganlah memberontak terhadap kami dengan mendirikan mazbah selain mazbah bagi Tuhan, Allah kita. ²⁰ Bukankah Akhan anak Zerah telah berbuat mungkar dalam hal barang-barang yang dikhususkan untuk

dimusnahkan itu, sehingga murka menimpa seluruh umat Israel? Betapa bukan dia sahaja yang binasa kerana kesalahannya itu.’ ”

²¹ Jawab bani Ruben, bani Gad, dan setengah suku Manasye itu kepada para ketua kaum orang Israel, ²² “Tuhan, Allah segala allah! Tuhan, Allah segala allah! Dia tahu dan biarlah orang Israel pun mengetahuinya! Jika hal ini merupakan penderhakaan atau kemungkaran terhadap Tuhan, janganlah kami dibiarkan selamat pada hari ini. ²³ Jika kami mendirikan mazbah untuk berhenti mengikuti Tuhan, atau untuk mempersembahkan korban bakaran dan persembahan bahan makanan di atasnya, ataupun untuk mempersembahkan korban kedamaian di atasnya, biarlah Tuhan sendiri yang menuntut balas. ²⁴ Sesungguhnya, hal ini kami lakukan kerana kami khuatir kalau-kalau pada hari kelak anak-anakmu berkata kepada anak-anak kami, ‘Apakah urusanmu dengan Tuhan, Allah Israel? ²⁵ Sungai Yordan ini telah ditentukan Tuhan menjadi sempadan antara kami dengan kamu, hai bani Ruben dan bani Gad! Kamu tidak mempunyai bahagian dalam Tuhan.’ Dengan demikian anak-anakmu mungkin membuat anak-anak kami tidak lagi takut kepada Tuhan. ²⁶ Oleh sebab itu kami berkata, ‘Mari kita bangunkan sebuah mazbah’ bukan untuk korban

bakaran dan bukan untuk korban sembelihan,²⁷ melainkan untuk menjadi saksi antara kami dengan kamu, serta antara keturunan kita kelak, bahawa kami tetap beribadat kepada Tuhan di hadirat-Nya dengan korban bakaran kami, korban sembelihan kami, dan korban kedamaian kami. Dengan demikian anak-anakmu tidak boleh berkata kepada anak-anak kami pada kemudian hari, 'Kamu tidak mempunyai bahagian dalam Tuhan.'²⁸ Oleh sebab itu kata kami, 'Nanti, jika mereka berkata kepada kita atau kepada keturunan kita pada kemudian hari, maka kita akan menjawab, "Lihatlah tiruan mazbah Tuhan yang dibuat oleh nenek moyang kami, bukan untuk korban bakaran dan bukan untuk korban sembelihan, melainkan untuk menjadi saksi antara kami dengan kamu."'²⁹ Kami tidak akan sekali-kali menderhaka terhadap Tuhan serta berhenti mengikuti Tuhan pada hari ini dengan mendirikan mazbah untuk korban bakaran, persembahan bahan makanan, atau korban sembelihan selain mazbah Tuhan, Allah kita, yang terletak di depan Khemah Suci-Nya!"

³⁰ Setelah Imam Pinehas dan para pemimpin umat, iaitu ketua kaum-kaum orang Israel yang menyertainya, mendengar kata-kata yang diucapkan oleh bani Ruben, bani Gad, dan bani Manasye, maka hal itu dipandang baik

oleh mereka. ³¹ Lalu kata Pinehas anak Imam Eleazar kepada bani Ruben, bani Gad, dan bani Manasye, “Pada hari ini kami tahu bahawa Tuhan hadir di tengah-tengah kita, kerana kamu tidak melakukan kemungkaran ini terhadap Tuhan. Dengan demikian kamu melepaskan orang Israel daripada hukuman Tuhan.”

³² Kemudian Pinehas anak Imam Eleazar berserta para pemimpin itu kembali dari tempat bani Ruben dan bani Gad di Tanah Gilead kepada orang Israel di Tanah Kanaan, dan menyampaikan khabar itu kepada mereka. ³³ Hal itu pun dipandang baik oleh orang Israel. Orang Israel memuji Allah dan tidak lagi berkata hendak mara serta memerangi mereka untuk memusnahkan tanah tempat tinggal bani Ruben dan Gad.

³⁴ Bani Ruben dan bani Gad menamai mazbah itu Mazbah Saksi, kerana kata mereka, “Inilah saksi antara kita bahawa Tuhan itulah Allah.”

Pesanan Yosua dalam ucapan perpisahannya

23 ¹ Selepas lamanya setelah Tuhan memberikan ketenteraman kepada orang Israel daripada semua musuh di sekeliling mereka, dan ketika itu, Yosua telah amat lanjut usianya, ² Yosua memanggil seluruh orang Israel, iaitu para tua-tua, para ketua suku, para hakim, dan para pegawainya. Dia

berkata kepada mereka, “Aku sudah tua dan sudah begitu lanjut usiaku. ³ Kamu sendiri telah melihat semua yang dilakukan Tuhan, Allahmu, terhadap segala bangsa ini demi kamu. Tuhan, Allahmu, Dialah yang telah berperang bagi kamu. ⁴ Ingatlah, aku telah mengundi sebagai harta pusaka bagimu iaitu bagi suku-sukumu, wilayah bangsa-bangsa yang tersisa itu, iaitu segala bangsa yang telah kulenyapkan dari Sungai Yordan sampai ke Laut Besar di arah matahari terbenam. ⁵ Tuhan, Allahmu, Dialah yang akan mengundurkan mereka daripadamu dan mengusir mereka dari hadapanmu hingga kamu menduduki negeri mereka seperti dijanjikan Tuhan, Allahmu, kepadamu. ⁶ Maka kuatkanlah hatimu sungguh-sungguh untuk memegang teguh dan melakukan segala sesuatu yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa, supaya kamu tidak menyimpang daripada hukum itu baik ke kanan mahupun ke kiri, ⁷ dan supaya kamu tidak bercampur-baur dengan bangsa-bangsa yang masih tertinggal dalam kalangan kamu itu. Jangan menyebut nama tuhan mereka, jangan bersumpah demi nama-nama itu, jangan beribadat kepada mereka, dan jangan sujud menyembah mereka, ⁸ melainkan berpautlah pada Tuhan, Allahmu, seperti yang telah kamu lakukan sampai hari

ini. ⁹ Tuhan telah mengusir dari hadapanmu bangsa-bangsa yang besar dan kuat hinggakan tidak ada seorang pun yang dapat bertahan di hadapanmu sampai hari ini. ¹⁰ Seorang sahaja daripada antaramu dapat mengejar seribu orang, kerana Tuhan, Allahmu, Dialah yang berperang bagimu, seperti yang dijanjikan-Nya kepadamu. ¹¹ Oleh sebab itu perhatikanlah dirimu baik-baik supaya kamu mencintai Tuhan, Allahmu. ¹² Jika kamu berpaling dan berpaut dengan saki-baki bangsa-bangsa yang masih tertinggal antaramu itu, dan saling berkahwin dengan mereka, bercampur-baur dengan mereka dan mereka dengan kamu, ¹³ maka ketahuilah sungguh-sungguh bahawa Tuhan, Allahmu, tidak lagi akan mengusir bangsa-bangsa itu dari hadapanmu. Sebaliknya, mereka akan menjadi perangkap dan jerat bagimu, cambuk bagi rusukmu dan duri di matamu, sampai kamu binasa dari tanah yang baik ini, yang dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu.

¹⁴ Sesungguhnya, sesaat lagi aku akan menempuh jalan menuju segala yang fana. Dengan segenap hati dan jiwamu, kamu tahu bahawa tidak ada satu hal pun yang gagal daripada segala hal baik yang telah dijanjikan

Tuhan, Allahmu, mengenai kamu. Semua telah dipenuhi bagimu. Tidak ada satu pun yang gagal. ¹⁵ Akan tetapi, sebagaimana telah dipenuhi bagimu segala hal baik yang dijanjikan Tuhan, Allahmu, kepadamu, demikianlah segala hal yang jahat akan didatangkan Tuhan kepadamu sampai kamu termusnah oleh-Nya dari tanah yang baik ini, yang telah dikurniakan Tuhan, Allahmu, kepadamu ¹⁶ jika kamu melanggar perjanjian Tuhan, Allahmu, yang diperintahkan-Nya kepadamu, dan pergi beribadat kepada tuhan-tuhan lain serta sujud menyembah mereka. Pada waktu itu murka Tuhan akan menyala-nyala terhadap kamu dan kamu akan segera binasa dari negeri yang baik ini, yang telah dikurniakan-Nya kepadamu.”

Pembaharuan perjanjian di Sikhem

24 ¹ Kemudian Yosua mengumpulkan semua suku Israel di Sikhem. Dia memanggil para tua-tua Israel, para ketuanya, para hakimnya, dan para pegawainya, lalu mereka berdiri di hadapan Allah. ² Kata Yosua kepada seluruh bangsa itu, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Dahulukala nenek moyangmu, iaitu Terah, ayah Abraham dan Nahor, tinggal di seberang Sungai

Efrat dan beribadat kepada tuhan-tuhan lain.
³ Lalu Aku mengambil bapa leluhurmu, Abraham, dari seberang Sungai Efrat dan memimpin dia untuk menjelajahi seluruh Tanah Kanaan serta menjadikan keturunannya ramai. Aku mengurniakan Ishak kepadanya, ⁴ dan kepada Ishak Kukurniakan Yakub dan Esau. Kepada Esau Kukurniakan Gunung Seir menjadi miliknya, manakala Yakub dan anak-anaknya pergi ke Mesir. ⁵ Kemudian Aku mengutus Musa dan Harun. Aku mengazabkan Mesir dengan apa yang Kulakukan antara mereka, lalu Aku membawa kamu keluar. ⁶ Setelah Aku membawa nenek moyangmu keluar dari Mesir, sampailah kamu di tepi laut. Lalu orang Mesir mengejar nenek moyangmu dengan semua rata dan pasukan berkuda mereka ke Laut Merah. ⁷ Apabila para leluhurmu berseru kepada Tuhan, maka Dia mendatangkan kegelapan yang memisahkan antara kamu dengan orang Mesir dan membuat air laut untuk melandai serta meliputi mereka. Matamu sendiri melihat apa yang Kulakukan di Mesir.

24:3 a: Kej 12:1-9; **b:** Kej 21:1-3.

24:4 a: Kej 25:24-26; **b:** Kej 36:8; Ul 2:5; **c:** Kej 46:1-7.

24:5: Kel 3:1—12:42. **24:6:** Kel 14:1-31.

Setelah itu, lama kamu tinggal di gurun. ⁸ Lalu Kubawa kamu ke negeri bani Amori yang tinggal di seberang Sungai Yordan. Mereka berperang melawan kamu dan Aku menyerahkan mereka ke dalam tanganmu sehingga kamu telah dapat menduduki negeri mereka sementara Aku memusnahkan mereka dari hadapanmu. ⁹ Setelah itu Balak anak Zipor, raja Moab, bangkit berperang melawan orang Israel. Disuruhnya orang memanggil Bileam anak Beor untuk mengutuk kamu. ¹⁰ Tetapi Aku tidak sudi mendengar permohonan Bileam sehingga dia sebaliknya memohonkan berkat bagi kamu. Demikianlah Aku melepaskan kamu daripada tangannya. ¹¹ Lalu kamu menyeberangi Sungai Yordan dan sampai di Yerikho. Warga Yerikho berperang melawan kamu, begitu pula bani Amori, bani Feris, bani Kanaan, bani Het, bani Girgasi, bani Hewi, dan bani Yebus, tetapi Aku menyerahkan mereka ke dalam tanganmu. ¹² Aku melepaskan serangga penyengat mendahului kamu supaya mereka diusir dari hadapanmu, seperti kedua-dua raja bani Amori itu. Jadi, semua kemenangan itu bukan hasil pedangmu

24:8: Bil 21:21-35. **24:9:** Bil 22:1—24:25.

24:11 a: Yos 3:14-17; **b:** Yos 6:1-21.

24:12: Kel 23:28; Ul 7:20.

dan bukan oleh busur panahmu. ¹³ Aku mengurniakan kepadamu tanah yang tidak kamu kerjakan dengan bersusah payah dan kota-kota yang tidak kamu dirikan, lalu kamu tinggal di dalamnya. Kamu makan dari kebun-kebun anggur dan kebun-kebun zaitun yang tidak kamu tanam.

¹⁴ Oleh itu, takutlah kepada Tuhan dan beribadatlah kepada-Nya dalam ketulusan dan kesetiaan. Singkirkanlah segala tuhan berhala yang disembah nenek moyangmu di seberang Sungai Efrat dan juga di Mesir, dan beribadatlah kepada Tuhan. ¹⁵ Jika menurutmu tidak baik beribadat kepada Tuhan, pilihlah hari ini kepada siapa kamu akan beribadat: Apakah kepada tuhan-tuhan yang disembah nenek moyangmu di seberang Sungai Efrat atau kepada tuhan-tuhan bani Amori yang negeri mereka sekarang kamu huni? Tetapi kami, iaitu aku dan keluargaku, akan beribadat kepada Tuhan!”

¹⁶ Jawab bangsa itu, “Kami tidak akan sekali-kali meninggalkan Tuhan untuk beribadat kepada tuhan-tuhan lain! ¹⁷ Tuhan, Allah kita, Dialah yang telah memimpin kita dan nenek moyang kita keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan. Dialah yang telah mengadakan tanda-tanda yang besar di hadapan mata kita

dan yang telah memelihara kita di sepanjang jalan yang kita tempuh serta di antara segala bangsa yang kita lalui. ¹⁸ Tuhan mengusir dari hadapan kita segala bangsa, iaitu bani Amori yang tinggal di negeri ini. Oleh sebab itu kami juga akan beribadat kepada Tuhan, kerana Dialah Allah kami.”

¹⁹ Kata Yosua kepada bangsa itu, “Kamu tidak sanggup beribadat kepada Tuhan, kerana Dialah Allah yang kudus. Dia Allah yang cemburu. Dia tidak akan mengampunkan pelanggaranmu atau dosa-dosamu. ²⁰ Apabila kamu meninggalkan Tuhan dan beribadat kepada tuhan bangsa asing, maka Dia akan berpaling menentang kamu dan mendatangkan malapetaka kepadamu, serta menghapuskan kamu, setelah Dia berbuat baik kepadamu.”

²¹ Kata bangsa itu kepada Yosua, “Tidak, kami akan beribadat kepada Tuhan sahaja.”

²² Maka kata Yosua kepada bangsa itu, “Kamu menjadi saksi bagi dirimu sendiri bahawa kamu telah memilih Tuhan untuk beribadat kepada-Nya.” Jawab mereka, “Kamilah saksi.”

²³ Kata Yosua, “Sekarang, singkirkanlah segala tuhan bangsa asing yang ada antara kamu dan palingkan hatimu agar sepenuhnya berpusat kepada Tuhan, Allah Israel sahaja.”

²⁴ Kata bangsa itu kepada Yosua, “Kami akan beribadat kepada Tuhan, Allah kita, dan mematuhi-Nya.”

²⁵ Demikianlah pada hari itu Yosua mengikat perjanjian dengan bangsa itu serta membuat suatu ketetapan dan peraturan bagi mereka di Sikhem. ²⁶ Yosua menulis hal-hal itu dalam kitab yang berisi hukum Allah, lalu mengambil sebuah batu besar dan mendirikannya di situ, di bawah pokok oak, di tempat suci Tuhan.

²⁷ Kata Yosua kepada seluruh bangsa itu, “Lihat, batu ini menjadi saksi terhadap kita, kerana telah mendengar segala firman yang disampaikan Tuhan kepada kita. Batu ini akan menjadi saksi terhadap kamu, supaya kamu tidak mengingkari Allahmu.” ²⁸ Sesudah itu Yosua melepaskan bangsa itu pergi ke tanah pusaka milik masing-masing.

Yosua dan Imam Eleazar meninggal dan dimakamkan

²⁹ Sesudah peristiwa-peristiwa itu, Yosua anak Nun, hamba Tuhan itu meninggal pada usia seratus sepuluh tahun. ³⁰ Dia dimakamkan di daerah harta pusakanya, iaitu di Timnat-Serah,

pergunungan Efraim, di sebelah utara Gunung Gaas.

³¹ Orang Israel beribadat kepada Tuhan sepanjang umur Yosua dan sepanjang umur para tua-tua yang hidup lebih lama daripada Yosua, dan yang mengetahui segala perbuatan yang dilakukan Tuhan bagi orang Israel.

³² Tulang-tulang Yusuf, yang dahulu dibawa keluar oleh orang Israel dari Mesir, dimakamkan di Sikhem, di sebidang tanah yang dibeli Yakub daripada bani Hamor, ayah Sikhem itu, dengan harga seratus keping wang perak. Tanah itu menjadi harta pusaka bani Yusuf.

³³ Eleazar anak Harun juga meninggal dan dimakamkan di bukit yang diberikan kepada Pinehas, anaknya, di pergunungan Efraim.

HAKIM-HAKIM

Berterusannya penaklukan Tanah Kanaan

1 ¹ Susulan kematian Yosua, orang Israel bertanya kepada Tuhan, “Siapakah daripada kami yang harus lebih dahulu menghadapi orang Kanaan dalam peperangan antara kami dengan mereka?”

² Tuhan pun berfirman, “Yehuda yang harus mara di hadapan; sesungguhnya Aku telah menyerahkan negeri itu ke dalam tangannya.”

³ Berkatalah Yehuda kepada Simeon, saudaranya, “Maralah bersama-samaku ke wilayah yang telah diuntukkan kepadaku agar kita boleh memerangi bani Kanaan. Kelak aku pun akan mara bersama-sama kamu ke wilayah yang diuntukkan kepadamu.” Lalu Simeon mara bersama-sama Yehuda. ⁴ Maka suku Yehuda mara lalu bertempur dan Tuhan menyerahkan bani Kanaan dan bani Feris ke dalam tangan mereka, tumpaslah puak musuh yang seramai sepuluh ribu orang itu di Bezek. ⁵ Mereka menemui Adoni-Bezek di Bezek lalu mereka memeranginya dan berjaya menewaskan bani Kanaan dan bani Feris. ⁶ Adoni-Bezek yang

melarikan diri dikejar dan sesudah ditangkap, ibu jari tangan dan kakinya dipotong oleh mereka.

⁷ Berkatalah Adoni-Bezek, “Dahulunya tujuh puluh orang raja yang kudung ibu jari tangan dan ibu jari kaki mereka memungut sisa makanan di bawah mejaku. Allah telah membalas kepadaku sebagaimana yang kulakukan dahulu.” Dia dibawa ke Yerusalem dan di sanalah dia mati.

⁸ Seterusnya bani Yehuda berperang melawan Yerusalem dan berjaya menawan kota itu dan selanjutnya menggempurnya dengan pedang serta membakarnya. ⁹ Setelah itu, bani Yehuda menyerang bani Kanaan yang menghuni daerah pergunungan, dan di bumi Negeb dan juga mereka yang mendiami kawasan tanah rendah.

¹⁰ Lalu puak Yehuda menyerang bani Kanaan yang mendiami Hebron (yang dahulunya bernama Kiryat-Arba) dan menggempur Sesai, Ahiman dan Talmi.

¹¹ Dari sana mereka mara lalu menyerang penduduk Debir. Nama Debir sebelumnya ialah Kiryat-Sefer. ¹² Berkatalah Kaleb, “Sesiapa yang menumpaskan dan menawan Kiryat-Sefer, kepadanya akan kuberikan anak perempuanku, Akhsa, sebagai isterinya.” ¹³ Otniel, anak Kenas, adik Kaleb, menawan kota itu. Maka Kaleb memberikan anak perempuannya, Akhsa, kepada Otniel untuk menjadi isterinya. ¹⁴ Pada

waktu perempuan itu datang kepada Otniel, dia memujuk suaminya untuk meminta sepetak ladang daripada ayahnya. Ketika perempuan itu turun dari keldainya, Kaleb bertanya kepadanya, “Apakah yang kauinginkan?”¹⁵ Jawabnya, “Berilah aku berkat. Ayah telah menempatkan aku di Tanah Negeb. Oleh itu, berilah aku juga beberapa mata air.” Maka Kaleb pun memberinya mata-mata air di sebelah hulu dan hilir.

¹⁶ Maka bani Keni, iaitu keturunan ayah mertua Musa, keluar bersama-sama bani Yehuda meninggalkan kota pokok kurma menuju ke Gurun Yehuda di Tanah Negeb berdekatan dengan Arad, lalu mereka bermastautin dengan penduduk di situ.¹⁷ Seterusnya Yehuda bersama-sama saudaranya, Simeon, menyerang bani Kanaan di Zefat. Kota itu dimusnahkan dan diberikan nama baru, iaitu Horma.¹⁸ Bani Yehuda juga merebut tiga lagi buah kota, iaitu Gaza, Askelon dan Ekron, masing-masing dengan seluruh daerahnya sekali.¹⁹ Tuhan menyertai bani Yehuda sehingga mereka turut memiliki wilayah pergunungan, namun mereka gagal mengusir penduduk di kawasan lembah yang mempunyai rata besi.²⁰ Mereka memberikan Hebron kepada Kaleb sebagaimana yang

dijanjikan Musa dahulu, lalu Kaleb mengusir tiga orang anak Enak dari situ.²¹ Bani Benyamin juga tidak mengusir bani Yebus yang mendiami Yerusalem malah sampai sekarang bani Yebus masih mendiami Yerusalem bersama-sama bani Benyamin.

²² Demikian jugalah bani Yusuf menyerang Betel, dan Tuhan menyertai mereka.²³ Bani Yusuf mengintip kota Betel (yang dahulunya bernama Lus).²⁴ Berkatalah para pengintip kepada seorang lelaki yang keluar dari kota itu, "Tolong tunjukkan kepada kami jalan masuk ke kota ini, dan kami akan melayan kamu dengan baik."

²⁵ Lelaki itu menunjukkan jalan masuk ke kota itu kepada mereka lalu mereka menyerang kota itu dan hanya melepaskan orang itu berserta seisi keluarganya.²⁶ Orang itu pergi ke negeri bani Het lalu mendirikan sebuah kota yang dinamakannya Lus di sana. Nama itu kekal sampai sekarang.

Penaklukan gagal disempurnakan

²⁷ Bani Manasye tidak menawan Bet-Sean ataupun mengusir semua penduduknya. Demikianlah juga di kota-kota Taanakh, Dor, Yibleam dan Megido yang ditawan namun para warganya tidak diusir kerana bani Kanaan

berkeras untuk terus menetap di bumi itu.

²⁸ Setelah orang Israel menjadi kuat, mereka menjadikan bani Kanaan buruh paksa, namun bani Kanaan tidak dinyahkan dari bumi itu.

²⁹ Bani Efraim pun tidak menghalau bani Kanaan yang mendiami Gezer dan bani Kanaan terus tinggal di situ bersama-sama mereka.

³⁰ Bani Zebulon juga tidak mengusir penduduk Kitron dan Nahalol, tetapi seluruh bani Kanaan dibenarkan terus menetap di tengah-tengah mereka dan dijadikan buruh paksa.

³¹ Bani Asyer tidak menghalau penduduk di daerah-daerah Ako, Sidon, Ahlab, Akhzib, Helba, Afek dan Rehob, ³² tetapi bani Asyer tinggal di tengah-tengah bani Kanaan, iaitu penduduk tempatan yang tidak diusir dari bumi asal mereka.

³³ Bani Naftali tidak menghalau penduduk di Bet-Semes dan di Bet-Anat, tetapi mereka menghuni di tengah-tengah bani Kanaan, iaitu penduduk asal itu, yang dijadikan mereka buruh paksa mereka.

³⁴ Bani Amori memaksa bani Dan berpindah ke wilayah pergunungan dan tidak membenarkan mereka turun ke kawasan lembah. ³⁵ Akan tetapi, bani Amori berkeras untuk tetap diam di Gunung

Heres dan di Ayalon serta di Saalbim. Namun begitu, setelah bani Yusuf semakin kuat, bani Amori juga menjadi buruh paksa.

³⁶Adapun sempadan negeri bani Amori itu meliputi kawasan curam Akrabim yang menanjak dari Sela ke atas pendakian lagi.

Keingkaran Israel

2¹ Maka pergilah Malaikat Tuhan dari Gilgal ke Bokhim lalu berkata, “Telah Kubawa kamu keluar dari Mesir dan memimpin kamu ke bumi yang Kujanjikan sebagaimana ikrar-Ku kepada nenek moyangmu, dan Aku telah berkata bahawa Aku tidak sekali-kali akan membatalkan perjanjian-Ku dengan kamu,² tetapi kamu janganlah mengikat perjanjian dengan mereka yang mendiami bumi ini. Hendaklah kamu robohkan mazbah mereka. Tetapi kamu ingkar. Mengapakah kamu berbuat begini?³ Maka Aku juga berkata bahawa Aku tidak akan mengusir semua orang itu dari depanmu, tetapi mereka akan menjadi seperti duri dalam daging dan tuhan-tuhan mereka akan menjadi jerat bagimu.”⁴ Setelah mendengar kata-kata Malaikat Tuhan itu, orang Israel meninggikan suara mereka dan menangis.⁵ Maka tempat itu dinamai Bokhim

dan di situlah mereka mempersembahkan korban kepada Tuhan.

Kematian Yosua

⁶ Setelah Yosua menyuraikan khalayak di situ, maka pergilah orang Israel itu untuk menduduki tanah pusaka yang menjadi milik masing-masing. ⁷ Umat itu beribadat menyembah Tuhan sepanjang zaman Yosua dan sepanjang usia para tua-tua mereka yang masih ada selepas kematian Yosua, yakni mereka yang pernah melihat sendiri segala keajaiban yang dilakukan Tuhan demi orang Israel. ⁸ Maka hamba Tuhan, Yosua anak Nun itu, mati pada umur seratus sepuluh tahun. ⁹ Dia dikuburkan di daerah yang menjadi harta pusakanya di Timnat-Heres, di pergunungan Efraim, di sebelah utara Gunung Gaas. ¹⁰ Setelah seluruh umat seangkatan itu dikumpulkan bersama-sama kaum leluhur mereka, muncullah keturunan yang tidak mengenal Tuhan dan segala perbuatan-Nya demi orang Israel.

Kecurangan Israel

¹¹ Kemudian orang Israel melakukan kemungkaran di mata Tuhan dan menyembah Baal yang disembah oleh bangsa-bangsa di

sekeliling mereka. ¹² Mereka meninggalkan Tuhan, Allah nenek moyang mereka yang telah membawa mereka keluar dari Tanah Mesir, lalu menyembah tuhan-tuhan yang disembah umat lain. Dengan itu mereka membangkitkan murka Tuhan. ¹³ Demikianlah mereka membelakangi Tuhan lalu menyembah Baal dan Asytoret. ¹⁴ Maka bangkit serta maraklah kemurkaan Tuhan terhadap orang Israel lalu Dia membiarkan mereka dianiayai para penjarah. Seterusnya Dia menjual mereka kepada para musuh sehingga mereka tidak sanggup lagi bertahan menghadapi musuh mereka itu. ¹⁵ Tangan Tuhan menentang mereka setiap kali mereka mara bertempur, dan mendatangkan malapetaka kepada mereka, selaras dengan peringatan-Nya dan ikrar yang dijanjikan-Nya kepada mereka. Oleh itu, mereka amat terdesak oleh kesukaran yang dialami mereka.

Tuhan **membangkitkan para hakim**

¹⁶ Maka Tuhan membangkitkan hakim-hakim, yang menyelamatkan mereka daripada penganiayaan para penjarah itu. ¹⁷ Namun begitu, mereka tidak mengendahkan para hakim dan melacurkan diri kepada tuhan-tuhan lain serta menyembahkan tuhan-tuhan itu. Begitu cepat mereka menyimpang daripada

jalan yang diikuti nenek moyang mereka yang taat akan segala perintah Tuhan. ¹⁸ Setiap kali apabila Tuhan membangkitkan seorang hakim untuk mereka, Tuhan menyertai hakim itu dan menyelamatkan mereka daripada tangan musuh mereka sepanjang hayat hakim itu. Ini atas sebab Tuhan berbelas kasihan mendengar rintihan mereka yang teraniaya dan tertindas. ¹⁹ Tetapi apabila hakim itu mati, mereka berbuat jahat semula, malah jauh lebih jahat berbanding dengan nenek moyang mereka. Tidak serik mereka terus menyembah tuhan-tuhan lain itu dan tidak meninggalkan kedegilan mengingkari perintah Allah. ²⁰ Maka ternyala dan maraklah api kemurkaan Tuhan terhadap orang Israel lalu Dia berfirman, “Kerana bangsa ini melanggar perjanjian yang Kuperintahkan kepada nenek moyang mereka, dan tidak mendengar firman-Ku, ²¹ Aku tidak lagi akan mengusir apa-apa pun bangsa yang masih ada di negeri ini ketika Yosua meninggal. ²² Dengan itu, bangsa-bangsa itu dapat menguji sama ada orang Israel mengikut jalan Tuhan sebagaimana yang dilakukan nenek moyang mereka ataupun tidak.” ²³ Demikianlah Tuhan membiarkan bangsa-bangsa itu tinggal di situ dengan tidak segera menghalau mereka; malah Dia tidak menyerahkan mereka ke dalam tangan Yosua.

Penduduk asal yang dibiarkan tinggal di Kanaan

3¹ Inilah bangsa-bangsa yang dibiarkan Tuhan tinggal di situ untuk menjadi ujian kepada orang Israel, yaitu orang Israel yang tidak mengalami satu perang bani Kanaan pun² agar keturunan orang Israel yang belum pernah mengalami perang diajar mengenai peperangan.³ Bangsa-bangsa itu ialah lima orang raja bani Filistin dan bani Kanaan, bani Sidon dan bani Hewi, yang mendiami pergunungan Lebanon, dari Gunung Baal-Hermon merentas ke Hamat.⁴ Mereka di situ sebagai ujian bagi orang Israel demi mengetahui sama ada mereka mentaati segala perintah Tuhan yang diberikan melalui Musa kepada nenek moyang mereka.⁵ Maka orang Israel bermastautin dalam kalangan bani Kanaan, bani Het, bani Amori, bani Feris, bani Hewi dan bani Yebus.⁶ Mereka mengahwini anak perempuan bangsa-bangsa itu dan menyerahkan anak perempuan mereka kepada lelaki bangsa-bangsa itu. Mereka juga menyembah tuhan-tuhan mereka.

Otniel

⁷ Lalu orang Israel berbuat jahat di mata Tuhan dan mereka melupakan Tuhan, Allah mereka dan menyembah Baal dan Asyera.

⁸ Atas amarah Tuhan terhadap orang Israel, mereka terjual kepada Kusyan-Risyataim, raja Aram-Mesopotamia yang menguasai orang Israel selama lapan tahun. ⁹ Apabila orang Israel berteriak meminta pertolongan daripada Tuhan, maka Tuhan membangkitkan Otniel, anak Kenas adik Kaleb, untuk menjadi penyelamat bagi orang Israel. ¹⁰ Roh Tuhan turun ke atas dia dan dia menjadi hakim kepada orang Israel. Dalam peperangannya, Tuhan menyerahkan Kusyan-Risyataim, raja Aram, ke dalam tangannya lantas dia berjaya menumpaskan Kusyan-Risyataim. ¹¹ Amanlah negeri itu selama empat puluh tahun. Kemudian meninggallah Otniel anak Kenas.

Ehud

¹² Orang Israel berbuat jahat lagi di mata Tuhan. Lalu Tuhan memberikan kuasa kepada Eglon, raja Moab untuk menundukkan orang Israel kerana mereka berbuat jahat di mata Tuhan. ¹³ Lalu Eglon yang bergabung dengan bani Amon dan orang Amalek mara lalu menewaskan orang Israel serta menguasai kota pokok kurma itu. ¹⁴ Tertaklumlah orang Israel selama lapan belas tahun di bawah pemerintahan Eglon, raja Moab. ¹⁵ Maka orang Israel berseru meminta pertolongan Tuhan lalu Tuhan membangkitkan bagi mereka seorang penyelamat daripada bani

Benyamin, iaitu Ehud, anak Gera, seorang yang kidal. Melaluinya, orang Israel mengirinkan ufti kepada Eglon, raja Moab. ¹⁶ Ehud pun membuat pedang sepanjang sehasta yang bermata dua yang dilekapkan pada pangkal paha kanannya, di bawah jubahnya. ¹⁷ Lalu dia mempersembahkan ufti kepada Eglon, raja Moab yang berbadan amat gemuk itu. ¹⁸ Selepas menyerahkan ufti itu, Ehud menyuruh para pembawa ufti itu untuk beredar dari situ. ¹⁹ Akan tetapi, dia sendiri berpaling daripada patung-patung berhala di Gilgal itu sambil berkata, “Tuanku, saya ada membawa pesan rahsia untuk tuanku.”

Kata Eglon, “Diam. Nanti dahulu!” Kemudian semua pengiringnya keluar meninggalkannya.

²⁰ Ehud masuk dan menghampiri raja yang duduk bersendirian di bilik rumah peranginan itu. Berkatalah Ehud, “Ada firman Allah yang perlu aku sampaikan kepada tuanku.” Lalu dia bangun dari tempat duduknya. ²¹ Lantas tangan kiri Ehud menghunus pedang dari pangkal paha kanannya dan terus menusukkan pedang itu ke dalam perut raja, ²² sehingga hulunya juga tertimbus. Lemak meliputi mata pedang yang tidak dicabut, malah hujungnya menembusi belakang Eglon. ²³ Keluarlah Ehud ke serambi lalu pintu bilik atas itu ditutup dan dikuncinya. ²⁴ Setelah dia beredar, datanglah para hamba raja melihat bilik

atas yang terkunci itu, lalu berkatalah mereka, “Pasti tuanku sedang melegakan dirinya di bilik yang dingin itu.”²⁵ Setelah lama menunggu, mereka bingung lagi bimbang apabila raja terus tidak membuka pintu bilik atas itu. Lalu mereka mengambil kunci dan membuka pintu lantas menemukan tuan mereka yang tersungkur mati di lantai.

²⁶ Semasa mereka berlengah-lengah itu, Ehud berjaya pergi dari itu dan setelah melalui patung-patung berhala itu, dia meloloskan diri ke arah Seira.²⁷ Setibanya di sana ditiupnyalah sangkakala di wilayah pergunungan Efraim, lalu keluarlah orang Israel beramai-ramai mendatanginya. Lalu berdirilah Ehud di hadapan khalayak itu.²⁸ Dia pun mencanangkannya kepada mereka, “Ikutlah aku kerana Tuhan telah menyerahkan bani Moab, musuhmu, ke dalam tanganmu.” Lalu mereka mengikuti dia lantas menguasai tempat-tempat penyeberangan Sungai Yordan ke Moab dan tidak membenarkan sesiapa pun menyeberang.²⁹ Pada waktu itu mereka menghapuskan kira-kira sepuluh ribu orang bani Moab, semuanya tegap dan tangkas belaka, seorang pun tidak terlepas.³⁰ Maka tumpaslah Moab pada hari itu di tangan orang Israel, dan amanlah bumi itu selama lapan puluh tahun.

Samgar

³¹ Selepas itu, tampil pula Samgar anak Anat yang turut menyelamatkan orang Israel dengan menumpaskan enam ratus orang bani Filistin dengan sebatang tongkat penggiring lembu.

Debora dan Barak

4 ¹ Susulan kematian Ehud, orang Israel berbuat jahat lagi di mata Tuhan. ² Lalu Tuhan menyerahkan mereka ke dalam tangan Yabin, raja bani Kanaan, yang bertakhta di Hazor. Panglima tenteranya ialah Sisera yang diam di Haroset-Hagoyim. ³ Orang Israel berseru meminta pertolongan Tuhan kerana Sisera mempunyai sembilan ratus buah rata besi dan menindas orang Israel dengan keras selama dua puluh tahun.

⁴ Ketika itu, Debora, seorang nabiah dan isteri kepada Lapidot menjadi hakim kepada Israel. ⁵ Dia biasanya duduk di bawah pokok kurma Debora antara Rama dengan Betel di pergunungan Efraim, dan orang Israel mendatangnya demi mendapatkan penghakimannya. ⁶ Atas panggilannya, menghadaplah Barak anak Abinoam dari Kedesh di daerah Naftali. Berkatalah Debora kepadanya, “Bukankah Tuhan, Allah Israel, memerintahkan

demikian, 'Majulah, bergeraklah menuju Gunung Tabor dengan membawa bersama-samamu sepuluh ribu orang Naftali dan bani Zebulon.

⁷ Aku akan menggerakkan Sisera, panglima tentera Yabin, dengan segala rata dan bala tenteranya ke arah Sungai Kison dan Aku akan menyerahkan dia ke dalam tanganmu.' "

⁸ Maka Barak menjawab kepada Debora, "Jika kamu pergi bersama-sama, aku akan pergi, tetapi jika kamu tidak bersama-sama, aku tidak akan pergi."

⁹ Jawab Debora, "Baik, aku turut! Namun begitu, dalam perjalanan ini kelak, penghormatan bukan milikmu tetapi bagi perempuan yang ke dalam tangannya Tuhan akan menyerahkan Sisera." Maka Debora bangun berdiri dan pergi bersama-sama Barak ke Kedesh. ¹⁰ Maka Barak diikuti sepuluh ribu orang daripada bani Zebulon dan bani Naftali yang dikerahnya ke Kedesh, dan Debora juga mara bersama-sama Barak.

¹¹ Adapun Heber, yakni bani Keni daripada keturunan Hobab, ipar Musa itu menyisihkan dirinya daripada kaumnya lalu mendirikan khemahnya sampai sejauh pokok oak di Zaananim berdekatan dengan Kedesh.

¹² Maka Sisera yang diberitahu bahawa Barak anak Abinoam telah mara naik ke Gunung Tabor, ¹³ mengerahkan kesemua sembilan

ratus buah rata besi serta seluruh rakyat yang bersama-samanya mara dari Haroset-Hagoyim ke Sungai Kison.

¹⁴ Lalu berkatalah Debora kepada Barak, “Bersiaplah kerana inilah harinya Tuhan menyerahkan Sisera ke dalam tanganmu. Bukankah Tuhan telah mara di depan engkau?” Lalu turunlah Barak bersama-sama sepuluh ribu orang dari Gunung Tabor, ¹⁵ dan di depan Barak Tuhan menumpaskan Sisera serta segala ratanya dan juga seluruh bala tenteranya dengan mata pedang sehingga Sisera meninggalkan ratanya lalu melarikan diri dengan berjalan kaki. ¹⁶ Tetapi Barak mengejar rata-rata dan bala tentera itu sampai Haroset-Hagoyim lalu menghapuskan seluruh tentera Sisera dan tidak membiarkan seorang pun hidup.

¹⁷ Bagaimanapun, dengan berjalan kaki, Sisera melarikan diri ke khemah Yael, isteri Heber bani Keni itu, kerana ada hubungan baik antara Yabin, raja Hazor dengan keluarga Heber daripada bani Keni itu. ¹⁸ Keluarlah Yael mendapatkan Sisera lalu berkata kepadanya, “Singgahlah, tuanku, silakan masuk. Jangan takut.” Sisera pun singgah lalu memasuki khemah perempuan itu, dan dia menutupi Sisera dengan hamparan. ¹⁹ Berkatalah Sisera kepada perempuan itu, “Aku haus. Berilah aku sedikit air minuman.” Lalu perempuan itu

membuka kirbat susu serta memberinya minum dan menyelimutinya semula. ²⁰ Sisera juga menyuruh perempuan itu, “Berdirilah di depan pintu khemah. Jika sesiapa datang dan bertanya kepada kamu, ‘Adakah orang di sini?’ Jawablah, ‘Tidak ada.’ ”

²¹ Tetapi Yael, isteri Heber, mengambil pancang khemah serta penukul lalu mendekatinya secara diam-diam. Pancang itu dipasakkan pada pelipis lelaki yang tidur nyenyak itu sampai tembus ke tanah dan matilah Sisera. ²² Ketika Barak yang mengejar Sisera muncul di situ, keluarlah Yael mendapatkannya lalu berkata kepadanya, “Mari aku tunjukkan kepadamu orang yang kau cari itu.” Barak pun mengikutinya ke dalam khemah maka ditemukannya mayat Sisera yang tergolek dengan pancang khemah terbenam di dalam pelipisnya.

²³ Demikianlah Allah menundukkan Yabin, raja Kanaan, di depan orang Israel pada hari itu.

²⁴ Semakin keraslah tekanan kuasa orang Israel terhadap Yabin, raja Kanaan hingga akhirnya mereka berjaya melenyapkan Yabin, raja Kanaan itu.

Nyanyian Debora dan Barak

5 ¹ Pada hari itu menyanyilah Debora dan Barak anak Abinoam, demikian:

- ² Pujilah Tuhan, kerana pemimpin memegang teraju pimpinan di Israel dan para warganya menawarkan diri dengan sukarela.
- ³ Dengarlah, wahai raja-raja!
Pasanglah telingamu, ya para pemuka!
Aku, ya aku juga mahu menyanyikan puji-pujian kepada Tuhan, Allah Israel.
- ⁴ Ya Tuhan, ketika Engkau maju dari Seir, ketika Engkau mara dari daerah Edom, gempalah bumi ini dan tirislah langit, malah awan menitiskan airnya.
- ⁵ Bergegar gunung-ganang di hadapan Tuhan, Tuhan Sinai, di hadapan Tuhan, Allah Israel.
- ⁶ Dalam zaman Samgar anak Anat, dan dalam zaman Yael, sunyi suasana jalan raya maka para pengembara melalui jalan yang berbelit-belit.
- ⁷ Tiada kepimpinan lagi di Israel sehingga aku, Debora, bangkit sebagai seorang ibu di Israel.
- ⁸ Lalu mereka memilih tuhan-tuhan baru, maka terjadilah perang di pintu gerbang.

Namun begitu, dalam kalangan empat puluh ribu orang di Israel tiada sebuah perisai ataupun sebilah tombak yang kelihatan.

⁹ Hatiku tertuju kepada para panglima Israel, yang daripada kalangan umat ini, menawarkan diri mereka dengan sukarela. Terpujilah Tuhan!

¹⁰ Nyanyikanlah wahai kamu, yang menunggang keldai putih, kamu yang duduk di atas ambal, dan kamu yang berjalan di jalan itu!

¹¹ Suara mereka mengatasi suara orang di tempat-tempat penimbaan air, ketika mereka mendendangkan kemuliaan perbuatan Tuhan yang adil, dan perbuatan baik para pahlawan-Nya di Israel.

Pada waktu itu turunlah umat Tuhan ke pintu gerbang.

¹² Bangunlah, bangunlah, Debora! Bangunlah, bangunlah, nyanyikanlah suatu lagu! Bangkitlah, Barak, dan pimpinlah para tawananmu, wahai anak Abinoam!

¹³ Lalu umat Tuhan, umat yang terselamat, turun sebagai pahlawan, mendatangi para bangsawan yang masih ada.

¹⁴ Datanglah mereka, daripada suku Efraim yang berakar umbi menentang Amalek, diikuti suku Benyamin,

dan daripada suku Makhir,
turunlah para panglima dan daripada suku
Zebulon, warga pembawa cokmar kuasa.

¹⁵ Juga para pemimpin suku Isakhar menyertai
Debora,
dan seperti Isakhar, demikianlah Naftali
menyertai Barak.

Mereka menyusul dia dan menyerbu masuk ke
lembah.

Namun demikian, suku Ruben membuat
banyak pertimbangan.

¹⁶ Mengapakah engkau duduk antara kandang
domba
untuk mendengar siulan memanggil kawanan
ternak?

Dalam kalangan suku Ruben, masih banyak
pertimbangan mereka!

¹⁷ Bani Gilead terus diam di seberang Sungai
Yordan;

dan mengapakah bani Dan mendiami
kapal-kapal?

Bani Asyer pula di pesisir pantai dan kekal di
dermaga.

¹⁸ Bani Zebulon pula bangsa yang berani
mempertaruhkan nyawa mereka,
demikian juga bani Naftali,
di tempat-tempat tinggi di padang.

¹⁹ Raja-raja datang dan berperang.

Kemudian raja-raja Kanaan berperang di Taanakh dekat mata air di Megido, tetapi mereka tidak merampas wang.

²⁰ Dari langit bintang-bintang yang melalui peredarannya turut memerangi Sisera.

²¹ Sungai Kison menghanyutkan musuh, Kison, sungai yang terkenal dari dahulukala itu.

Majulah sekuat tenaga, wahai jiwaku!

²² Ketika itu kedengaranlah derap kaki kuda yang dipacu.

²³ “Kutuklah kota Meros,” sabda Malaikat Tuhan,

“kutuklah habis-habisan penduduknya, kerana mereka tidak datang sebagai pahlawan demi membantu Tuhan untuk memerangi musuh.”

²⁴ Diberkatilah Yael, isteri Heber, orang Keni itu, melebihi perempuan-perempuan lain, dan diberkatilah dia melebihi perempuan-perempuan di dalam khemah.

²⁵ Air diminta orang itu, tetapi susu diberikannya;

di dalam cawan yang indah dan disajikannya dadih.

²⁶ Tangannya dihulurkan untuk mengambil pancang khemah

dan tangan kanannya mengambil tukul tukang lalu dia menukul

serta menghancurkan kepala Sisera setelah
diremukkan

dan ditembusinya pelipis Sisera.

²⁷ Dekat kakinya orang itu rebah, tewas
tergolek.

Pada kakinya orang itu tunduk, rebah tewas
dan musnah.

²⁸ Dari jendela, ibu Sisera menjenguk dan
berseru,

“Mengapakah ratanya tidak kunjung datang?
Mengapakah derap kuda ratanya belum
kedengaran?”

²⁹ Yang paling bijak antara puterinya
menjawabnya,

dan dia sendiri juga mengulang sebut
kata-katanya itu,

³⁰ “Bukankah mereka mendapat jarahan dan
membahagi-bahaginya, gadis seorang dua
untuk setiap pahlawan.

Rampasan kain berwarna sehelai dua untuk
Sisera, kain sulaman aneka warna sehelai
dua untuk leher para penjarah?”

³¹ “Demikianlah semoga binasa semua
musuh-Mu, ya Tuhan!

Tetapi orang yang mengasihi-Nya semoga
bagaikan matahari terbit dalam
kemegahannya.”

Lalu amanlah negeri itu selama empat puluh tahun.

Bani Midian menganiaya Israel

6¹ Akan tetapi, orang Israel berbuat jahat lagi di mata Tuhan lalu Tuhan menyerahkan mereka ke dalam tangan bani Midian selama tujuh tahun. ² Kuasa penaklukan warga Midian terhadap orang Israel memaksa orang Israel membuat tempat-tempat perlindungan dan berkubu di kawasan pergunungan serta gua-gua. ³ Setiap kali orang Israel selesai menyemai benih tanaman, orang Midian, orang Amalek dan orang dari sebelah timur akan tiba menggempur mereka. ⁴ Bani penentang berkhemah setentang dengan orang Israel lalu memusnahkan hasil tanaman secara meluas sampai Gaza, maka di Israel tiada bahan makanan, domba, lembu ataupun keldai. ⁵ Sebabnya para penentang mara bersama-sama ternakan dan khemah mereka, dan teramat ramai yang menyerbu seperti belalang. Tidak terkira jumlah orang dan unta mereka yang mendatangi dan memusnahkan bumi Israel. ⁶ Amat melarat sekali orang Israel akibat perbuatan warga Midian itu lalu berserulah orang Israel kepada Tuhan.

⁷ Ketika orang Israel berseru kepada Tuhan lantaran petaka daripada warga Midian itu,

⁸ Tuhan mengutus seorang nabi kepada orang Israel yang berkata kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Akulah yang membawa kamu keluar dari Mesir dan yang membawa kamu keluar daripada kancah perhambaan. ⁹ Aku melepaskan kamu daripada cengkaman orang Mesir dan daripada tangan semua orang yang menindas kamu, bahkan Aku mengusir mereka dari depanmu dan negeri mereka Kuberikan kepadamu. ¹⁰ Dan Aku berfirman kepadamu, bahwa Akulah Tuhan, Allahmu, maka janganlah kamu menyembah tuhan orang Amori, yang negeri mereka kamu diami ini. Tetapi kamu tidak mentaati firman-Ku itu.’ ”

Gideon diangkat menjadi hakim

¹¹ Kemudian datanglah Malaikat Tuhan dan duduk di bawah pokok oak di Ofra, kepunyaan Yoas, orang Abiezer itu, sedang Gideon, anaknya, mengirik gandum di tempat pemerasan anggur agar terselamat hasilnya daripada orang Midian. ¹² Malaikat Tuhan menjelma di hadapannya lalu berkata kepadanya, “Tuhan menyertai engkau, wahai pahlawan yang gagah berani.”

¹³ Gideon pun menjawab, “Ya, Tuan, jika Tuhan menyertai kami, mengapakah kesemua petaka ini menimpa kami? Di manakah segala mukjizat-Nya

yang diceritakan nenek moyang kami kepada kami, ketika mereka berkata, 'Bukankah Tuhan telah membawa kita keluar dari Mesir?' Tetapi sekarang Tuhan meninggalkan kami dan menyerahkan kami ke dalam cengkaman orang Midian."

¹⁴ Tuhan berpaling kepadanya dan berfirman, "Pergilah dengan kekuatanmu ini dan selamatkanlah orang Israel daripada cengkaman orang Midian. Bukankah Aku mengutus engkau?"

¹⁵ Namun begitu, Gideon menjawab-Nya, "Ya Tuhan, bagaimanakah dapat aku selamatkan orang Israel? Lihatlah, kaumku yang terkecil antara semua suku Manasye, malah aku pula yang paling muda antara kaum keluargaku."

¹⁶ Berfirmanlah Tuhan kepadanya, "Pasti Aku akan menyertai engkau dan engkau akan menumpaskan kaum Midian itu."

¹⁷ Maka Gideon berkata lagi kepada-Nya, "Sekiranya aku mendapat kasih kurnia di mata-Mu, berikanlah tanda kepadaku, bahawa Engkau sendiri yang berfirman kepadaku.

¹⁸ Janganlah beredar dari sini, sampai aku datang kepada-Mu membawa persembahanku dan meletakkannya di hadapan-Mu."

Lalu Dia berfirman, "Aku akan menanti sampai engkau kembali."

¹⁹ Gideon masuk ke dalam dan menyediakan seekor anak kambing dan roti yang tidak beragi daripada satu efa^b tepung. Daging diletaknya di dalam bakul dan kuahnya di dalam periuk lalu disembahkan kepada-Nya di bawah pokok oak itu. ²⁰ Berfirmanlah Malaikat Allah kepadanya, “Ambil dan letakkan daging serta roti yang tidak beragi itu di atas batu ini, dan curahkan kuahnya.” Maka diperbuatnya demikian. ²¹ Maka Malaikat Tuhan menyentuh hujung tongkat yang ada di tangan-Nya pada daging dan roti tanpa ragi itu; lalu keluar api daripada batu itu dan menghanguskan kesemua daging serta roti itu. Kemudian hilanglah Malaikat Tuhan daripada pandangannya.

²² Tahulah Gideon bahawa itulah Malaikat Tuhan, lalu katanya, “Aduhai ya Tuhan Allah! Aku baru sahaja bersemuka dengan Malaikat Tuhan.”

²³ Namun demikian, Tuhan berfirman kepadanya, “Salam sejahtera kepada engkau! Jangan takut, engkau tidak akan mati.” ²⁴ Lalu Gideon membina mazbah untuk Tuhan di situ dan menamainya, Tuhan itu Kesejahteraan. Mazbah itu masih ada sampai sekarang di Ofra, kota bani Abiezer.

^b**6:19** Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter.

²⁵ Pada malam itu juga Tuhan berfirman kepadanya, “Ambillah seekor lembu jantan kepunyaan ayahmu, yakni lembu jantan kedua yang berumur tujuh tahun, dan robohkan mazbah Baal kepunyaan ayahmu dan tebanglah tiang berhala Asyera di sisinya. ²⁶ Kemudian dirikanlah mazbah bagi Tuhan, Allahmu di atas kubu pertahanan ini secara teratur, dan seterusnya, ambillah lembu jantan yang kedua dan persembahkanlah korban bakaran dengan kayu tiang berhala Asyera yang telah kautebang itu.” ²⁷ Gideon membawa sepuluh orang hamba lelakinya dan melakukan seperti yang Tuhan firmankan kepadanya. Tetapi kerana takut kepada kaum keluarganya dan kepada orang kota itu, kerja itu dilakukannya pada malam hari.

Gideon memusnahkan mazbah Baal

²⁸ Kelihatan pada para warga kota yang bangun pada awal pagi betapa mazbah Baal itu telah dirobohkan dan tiang berhala Asyera di sisinya ditebang dan lembu jantan yang kedua dikorbankan di atas mazbah yang didirikan itu. ²⁹ Mereka tertanya-tanya antara satu sama lain, “Siapakah yang melakukan hal ini?” Setelah diselidiki dan ditanya-tanya, maka kata mereka, “Gideon anak Yoas, dialah yang melakukan perkara ini.” ³⁰ Maka berkatalah para warga kota

kepada Yoas, “Bawa anakmu keluar ke mari; dia harus mati kerana merobohkan mazbah Baal dan menebang tiang berhala Asyera di sisinya.”

³¹ Tetapi Yoas menjawab kepada semua orang yang mengerumuninya itu, “Kamu mahu membela Baal itu atau kamu mahu menyelamatkan dia? Sesiapa yang berjuang membela Baal akan dihukum mati sebelum pagi. Jika Baal itu tuhan, dia mampu membela dirinya sendiri, setelah orang merobohkan mazbahnya.”

³² Dan pada hari itu Gideon diberikan nama Yerubaal, yang bererti, “Biarlah Baal berjuang dengan dia, setelah mazbah dirobokkannya.”

³³ Maka berhimpunlah kesemua orang Midian dan orang Amalek serta puak-puak dari sebelah timur; lalu mereka menyeberang dan berkhemah di Lembah Yizreel. ³⁴ Pada waktu itu Roh Tuhan menguasai Gideon lalu dia meniup sangkakala dan menyeru supaya bani Abiezer mengikutinya. ³⁵ Dia menghantar utusan kepada bani Manasye dan mengerahkan mereka juga untuk mengikutinya. Utusan juga dihantar kepada bani Asyer, bani Zebulon dan bani Naftali, dan ketiga-tiganya datang untuk bergabung dengan bani Abiezer.

Alamat pada bulu domba

³⁶ Kemudian Gideon berkata kepada Allah, “Jika Engkau mahu menyelamatkan orang Israel dengan perantaraanku, seperti yang Kaufirmankan itu, ³⁷ aku akan membentangkan bulu domba di tempat pembantingan; apabila embun hanya ada di atas bulu domba itu walhal seluruh tanah di situ kekal kering, tahulah aku bahawa Engkau mahu menyelamatkan orang Israel dengan perantaraanku, seperti yang Kaufirmankan.” ³⁸ Dan demikianlah terjadi. Keesokan harinya pagi-pagi dia bangun dan memerah bulu domba dan semangkuk penuh air embun dapat diperahnya daripada bulu domba itu. ³⁹ Gideon pun berkata kepada Allah, “Semoga tidak berbangkit kemurkaan-Mu terhadap aku apabila aku berkata sekali lagi sahaja; biarkanlah aku sekali lagi sahaja menguji bulu domba ini, kali ini semoga kekeringan hanya pada bulu domba ini sedangkan ada embun di atas seluruh tanah itu.” ⁴⁰ Demikianlah Allah lakukan pada malam itu tatkala hanya bulu domba itu yang kering walhal embun berada di atas seluruh tanah itu.

Tiga ratus wira Gideon

7 ¹ Maka Yerubaal, iaitu Gideon dan kesemua orang yang menyertainya bangun pagi-pagi

lalu mereka berkhemah di sisi mata air Harod manakala orang Midian berkhemah di lembah dekat bukit More, di utara tempat itu.

² Berfirmanlah Tuhan kepada Gideon, “Terlalu ramai warga bersama-samamu daripada jumlah yang Aku kehendaki untuk menyerahkan orang Midian ke dalam tangan mereka, kelak orang Israel bukan memuliakan Aku tetapi memegahkan diri mereka dan berkata, ‘Tanganku sendirilah yang menyelamatkan aku.’”³ Maka sekarang, serukanlah begini kepada semua warga itu, ‘Siapakah yang takut dan gentar, biarlah dia pulang dan tinggalkan pergunungan Gilead.’” Lalu pulanglah dua puluh dua ribu orang dan tinggalah sepuluh ribu orang.

⁴ Tuhan berfirman lagi kepada Gideon, “Masih terlalu ramai orang; suruhlah mereka turun ke air, dan Aku akan menguji mereka untukmu di sana. Jika Aku berfirman kepadamu, ‘Orang ini akan pergi bersama-samamu,’ maka dialah yang akan pergi bersama-samamu. Tetapi jika Aku berfirman kepadamu, ‘Orang ini tidak akan pergi bersama-samamu,’ maka dia tidak akan pergi.”

⁵ Gideon pun menyuruh kesemua warga itu turun ke air, dan berfirmanlah Tuhan kepadanya, “Kumpulkan sesiapa yang menghirup air dengan

menjilatnya seperti anjing, dan juga kumpulkan semua orang yang berlutut untuk minum.”

⁶ Jumlah orang yang menghirup air yang disukai dengan tangan dan dibawa ke mulut mereka ialah tiga ratus orang manakala kesemua yang lain berlutut untuk minum air. ⁷ Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Gideon, “Akan Aku selamatkan kamu dengan tiga ratus orang yang menghirup itu dan ke dalam tangan kamu akan Aku serahkan orang Midian itu; jadi biarkanlah kesemua warga yang lain itu pulang ke kediaman masing-masing.”

⁸ Warga tiga ratus orang itu mengambil bekal dan sangkakala dan Gideon menyuruh kesemua orang Israel selebihnya untuk pulang ke khemah masing-masing, tetapi warga tiga ratus orang itu dikekalkan bersama-samanya. Adapun perkhemahan orang Midian terletak di lembah di bawah tempat dia berada.

⁹ Pada malam itu berfirmanlah Tuhan kepadanya, “Bangunlah, turunlah menyerbu perkhemahan mereka yang telah Aku serahkan ke dalam tanganmu. ¹⁰ Tetapi jika engkau takut untuk turun menyerbu, turunlah bersama-sama hambamu, Pura, ke perkhemahan mereka.

¹¹ Dengarlah engkau apa yang dikatakan mereka; kemudian engkau akan mendapat keberanian untuk turun menyerbu perkhemahan itu.” Lalu turunlah dia bersama-sama Pura, hambanya, ke

kota kara perkhemahan itu. ¹² Orang Midian dan orang Amalek dan semua orang dari sebelah timur itu bergelimpangan di lembah itu, seperti belalang yang berkerumun dan unta mereka tidak terhitung seperti pasir di tepi laut.

¹³ Ketika Gideon sampai di situ, kebetulan seseorang sedang menceritakan mimpinya kepada temannya. Katanya, “Aku bermimpi, bahawa ada sekeping roti barli menggolek masuk ke perkhemahan orang Midian lalu melanggar, menterbalikkan dan meranapkan khemah itu.”

¹⁴ Temannya menjawab, “Itu tidak lain daripada pedang Gideon anak Yoas, orang Israel itu; Allah telah menyerahkan orang Midian dan seluruh perkhemahan ini ke dalam tangannya.”

¹⁵ Segera sesudah Gideon mendengar mimpi itu diceritakan dengan maknanya, sujudlah dia menyembah Allah. Kemudian dia kembali ke perkhemahan orang Israel, lalu berkata, “Bangunlah, kerana Tuhan telah menyerahkan perkhemahan orang Midian ke dalam tanganmu.”

¹⁶ Maka dia membahagikan tiga ratus orang itu kepada tiga pasukan dan kepada tangan mereka semua diberikannya sangkakala dan buyung kosong dengan jamung di dalamnya. ¹⁷ Dia berkata kepada mereka, “Perhatikanlah aku dan ikut seperti yang aku lakukan. Apabila aku tiba di hujung perkhemahan itu, kamu mesti melakukan

seperti yang aku lakukan. ¹⁸ Apabila aku dan semua anggota pasukanku meniup sangkakala, kamu juga mesti meniup sangkakala di sekeliling perkhemahan itu, dan berseru, 'Demi Tuhan dan demi Gideon!' ”

Gideon menumpaskan bani Midian

¹⁹ Lalu Gideon dan pasukan seratus orangnya tiba di hujung perkhemahan itu pada permulaan giliran kawalan tengah malam, ketika para pengawal baru sahaja ditempatkan. Lalu mereka meniup sangkakala sambil memecahkan buyung di tangan mereka. ²⁰ Ketiga-tiga pasukan itu pun meniup sangkakala, dan memecahkan buyung. Mereka memegang obor di tangan kiri dan sangkakala di tangan kanan untuk ditiup lalu berseru, “Pedang demi Tuhan dan demi Gideon!” ²¹ Setiap warga berdiri di tempat masing-masing di sekeliling perkhemahan itu. Kacau-bilaulah seluruh tentera musuh yang berteriak-teriak dan bertempiran melarikan diri. ²² Apabila kesemua tiga ratus orang itu meniup sangkakala di perkhemahan itu, Tuhan membuat tentera musuh berlawan sesama sendiri lantas larilah tentera musuh sampai Bet-Sita ke arah Zerera hingga pinggir Abel-Mehola dekat Tabat.

²³ Kemudian dikerahkanlah orang Israel daripada suku Naftali dan suku Asyer serta

seluruh suku Manasye untuk mengejar orang Midian itu. ²⁴ Gideon turut mengutus orang ke seluruh pergunungan Efraim dengan pesanan, “Turunlah menentang orang Midian, dan kuasailah semua batang air sampai Bet-Bara, dan Sungai Yordan.” Dengan itu, semua orang Efraim dikerahkan lalu mereka menguasai semua batang air sampai ke Bet-Bara dan juga Sungai Yordan. ²⁵ Mereka juga berjaya menawan dua orang raja Midian, iaitu Oreb dan Zeeb. Oreb dibunuh di batuan Oreb dan Zeeb dibunuh di tempat pemerah anggur Zeeb. Mereka mengejar orang Midian dan membawa kepala Oreb dan kepala Zeeb kepada Gideon di seberang Sungai Yordan.

Gideon menewaskan Zebah dan Salmuna

8 ¹ Maka berkatalah bani Efraim kepada Gideon, “Mengapakah kamu memperlakukan begini terhadap kami? Mengapa engkau tidak memanggil kami ketika engkau memerangi orang Midian?” Lalu mereka membantah dengan kasar terhadapnya.

² Dia menjawab kepada mereka, “Apa sangat perbuatanku dalam hal ini berbanding dengan kamu? Bukankah hasil pemetikan susulan bani Efraim lebih baik daripada tuaian buah anggur

bani Abiezer? ³ Allah telah menyerahkan Oreb dan Zeeb, kedua-dua orang raja Midian itu ke dalam tanganmu; apa sangat pencapaianku jika dibandingkan dengan kamu?” Setelah dia berkata demikian, redalah marah mereka terhadapnya.

⁴ Ketika Gideon serta pasukan tiga ratus orang warga itu tiba di Sungai Yordan lalu menyeberangi sungai itu dalam keadaan letih namun masih mengejar musuh, ⁵ berkatalah dia kepada bani Sukot, “Tolong berikan roti kepada warga yang mengikuti aku ini, kerana mereka keletihan, dan aku sedang mengejar Zebah dan Salmuna, raja-raja Midian.”

⁶ Namun demikian, para pemimpin bani Sukot menempelaknya, “Sudahkah Zebah dan Salmuna berada dalam tanganmu sehingga harus kami berikan roti kepada tenteramu?”

⁷ Lantas Gideon menjawab, “Kalau begitu, setelah Tuhan menyerahkan Zebah dan Salmuna ke dalam tanganku, aku akan membanting tubuhmu dengan onak dan duri dari gurun.”

⁸ Maka berjalanlah dia dari Sukot ke Penuel, dan berkata begitu juga kepada bani Penuel, tetapi mereka itu juga menjawab sama seperti bani Sukot. ⁹ Maka berkatalah dia juga kepada bani

Penuel, “Apabila aku selamat kembali, aku akan merobohkan menara ini.”

¹⁰ Ketika itu, Zebah dan Salmuna berada di Karkor bersama-sama bala tentera mereka seramai kira-kira lima belas ribu orang, yakni antara orang dari sebelah timur yang masih hidup setelah terkorbannya seratus dua puluh ribu orang askar yang bersenjatakan pedang.

¹¹ Maralah Gideon melalui laluan kalangan yang diam di dalam khemah di sebelah timur Nobah dan Yogbeha, lalu menyerang tentera itu yang tidak menyedari mereka bakal diserang.^c ¹² Zebah dan Salmuna melarikan diri namun Gideon mengejar dan berjaya menawan kedua-dua orang raja Midian, iaitu Zebah dan Salmuna serta menumpaskan seluruh tentera musuh itu.

¹³ Maka kembalilah Gideon anak Yoas dari medan perang melalui kawasan curam di Heres.

¹⁴ Dia menangkap seorang muda bani Sukot. Setelah disoal pemuda itu menulis untuknya nama para pemimpin serta tua-tua bani Sukot, kesemuanya seramai tujuh puluh tujuh orang.

¹⁵ Pergilah Gideon menemui bani Sukot sambil berkata, “Inilah Zebah dan Salmuna yang menjadi penyebab kamu mencela aku dengan berkata, ‘Sudahkah Zebah dan Salmuna itu dalam

^c**8:11** Atau: Tentera musuh itu yang berasa tenteram.

tanganmu, sehingga kami harus memberikan roti kepada tenteramu yang keletihan itu?’ ”

¹⁶ Dihimpunkannya para tua-tua kota itu, dan diambilnya onak dan duri gurun lalu dibantingnya tubuh orang Sukot dengan onak dan duri itu.

¹⁷ Menara Penuel dirobokkannya dan warga kota itu dibunuhnya.

¹⁸ Kemudian dia bertanya kepada Zebah dan Salmuna, “Bagaimanakah rupa orang yang telah kamu bunuh di Tabor itu?”

Jawab mereka, “Mereka itu serupa dengan engkau, masing-masing mirip seperti anak raja.”

¹⁹ Berkatalah Gideon, “Mereka itu saudara-saudaraku, anak-anak ibuku! Demi Tuhan yang hidup, jika kamu membiarkan mereka hidup, aku tidak akan membunuh kamu.” ²⁰ Dia berkata kepada Yeter, anak sulungnya, “Bangunlah, bunuhlah mereka.” Akan tetapi, pemuda itu tidak menghunus pedangnya kerana dia yang masih muda mentah itu berasa takut.

²¹ Maka katalah Zebah dan Salmuna, “Bangunlah dan lakukanlah sendiri kerana seperti orangnya, demikian pula kekuatannya.” Maka bangunlah Gideon membunuh Zebah dan Salmuna, kemudian diambilnya hiasan berbentuk bulan sabit pada leher kesemua unta mereka.

Kegemilangan Gideon seterusnya

²² Berkatalah orang Israel kepada Gideon, “Jadilah pemerintah kami, baik engkau mahupun anakmu dan cucumu, kerana engkau adalah yang telah menyelamatkan kami daripada kuasa orang Midian.”

²³ Tetapi Gideon menjawab, “Aku tidak akan memerintah kamu dan juga anakku tidak akan memerintah kamu tetapi Tuhan yang memerintah kamu.” ²⁴ Selanjutnya, kata Gideon kepada mereka, “Satu hal sahaja yang kuminta daripadamu. Baiklah kamu masing-masing memberikan anting-anting daripada jarahnya.” (Orang Midian itu biasa memakai anting-anting emas. Mereka sama seperti orang Ismael).

²⁵ Mereka menjawab, “Kami pasti memberikannya dengan senang hati.” Lalu dihamparkan sehelai kain dan masing-masing melemparkan anting-anting daripada jarahnya ke atas kain itu. ²⁶ Adapun jumlah berat anting-anting emas yang dimintanya itu seribu tujuh ratus syikal emas, namun ada lagi perhiasan bentuk bulan sabit, perhiasan telinga dan pakaian kain warna ungu yang dipakai oleh raja-raja Midian, dan belum terhitung kalung pada leher unta-unta mereka. ²⁷ Maka Gideon membuat efod daripada semua barang itu dan

menempatkannya di kotanya, di Ofra. Di sanalah orang Israel melacurkan diri dengan menyembah efod itu; dan efod itulah yang menjadi jerat bagi Gideon dan seisi rumahnya.

²⁸ Maka orang Midian tunduk kepada orang Israel dan tidak dapat menegakkan kepala mereka lagi. Amanlah negeri itu selama empat puluh tahun dalam zaman Gideon.

Kematian Gideon

²⁹ Lalu Yerubaal anak Yoas berangkat dan mendiami rumahnya sendiri. ³⁰ Gideon mempunyai tujuh puluh orang anak lelaki, semua anak kandungnya, kerana dia mempunyai ramai isteri. ³¹ Gundiknya yang tinggal di Sikhem juga melahirkan seorang anak lelaki yang dinamakan Abimelekh. ³² Gideon anak Yoas mati setelah lanjut usianya. Dia dikuburkan di dalam makam Yoas, ayahnya, di Ofra kota bani Abiezer.

³³ Setelah Gideon mati, orang Israel berbuat mungkar melacurkan diri dengan menyembah Baal dan menjadikan Baal-Berit sebagai tuhan mereka. ³⁴ Orang Israel tidak lagi mengingati betapa Tuhan, Allah mereka telah melepaskan mereka daripada cengkaman penganiayaan semua musuh di sekeliling mereka, ³⁵ ataupun menunjukkan kebaikan kepada keturunan

Yerubaal iaitu Gideon, setimpal dengan segala jasa baiknya kepada orang Israel.

Abimelekh bermuafakat

9¹ Pergilah Abimelekh, anak Yerubaal, ke Sikhem kepada sanak saudara ibunya dan berkata kepada mereka serta kepada seluruh kaum kerabat sebelah ibunya,² “Tolong katakan kepada kesemua pemimpin kota Sikhem, ‘Yang manakah lebih baik bagimu, sama ada tujuh puluh orang, iaitu semua anak Yerubaal memerintah kamu, atau seorang sahaja yang memerintah kamu? Dan ingatlah bahawa aku darah dagingmu.’ ”³ Lalu para saudara ibunya menyampaikan segala hal itu bagi pihaknya kepada kesemua pemimpin kota Sikhem dan mereka cenderung untuk mengikuti Abimelekh, kerana kata mereka, “Memang dia saudara kita.”⁴ Maka mereka memberikan kepadanya tujuh puluh keping wang perak daripada kuil Baal-Berit, lalu Abimelekh menggunakan wang itu untuk mengupah penjahat sebagai pengikutnya.⁵ Pergilah dia ke rumah bapanya di Ofra, lalu membunuh kesemua saudara lelakinya iaitu anak-anak Yerubaal seramai tujuh puluh orang, di atas sebuah batu. Hanya Yotam, anak bongsu Yerubaal, yang terselamat kerana dia menyembunyikan dirinya.⁶ Maka berhimpunlah

seluruh warga kota Sikhem dan Bet-Milo lalu mereka menobatkan Abimelekh untuk menjadi raja di sisi pokok oak di kota kara di Sikhem.

⁷ Yotam yang diberitahu hal itu pergi lalu berdiri di puncak Gunung Gerizim lalu berseru dengan nyaring, “Dengarlah seruanku, wahai para pemimpin Sikhem, agar Allah juga kelak akan mendengar kamu. ⁸ Pada suatu masa, segala pokok pergi untuk mengurapi raja yang akan memerintah mereka. Kata mereka kepada pokok zaitun, ‘Jadilah pemerintah kami!’ ⁹ Tetapi jawab pokok zaitun itu kepada mereka, ‘Mestikah aku henti mengeluarkan minyakku yang digunakan demi menghormati Allah dan manusia, hanya untuk berkedudukan lebih tinggi daripada segala pokok lain?’ ¹⁰ Lalu berkatalah pokok-pokok itu kepada pokok ara, ‘Marilah, jadi raja pemerintah kami!’ ¹¹ Tetapi jawab pokok ara itu kepada mereka, ‘Mestikah aku meninggalkan kemanisanku dan buah-buahku yang baik, hanya untuk berkedudukan lebih tinggi daripada segala pokok lain?’ ¹² Lalu kata pokok-pokok itu kepada pokok anggur, ‘Marilah, jadi raja pemerintah kami!’ ¹³ Tetapi jawab pokok anggur itu kepada mereka, ‘Mestikah aku meninggalkan air buah anggurku, yang menggirangkan hati Allah dan manusia, hanya untuk berkedudukan lebih tinggi daripada segala pokok lain?’ ¹⁴ Lalu

kata segala pokok itu kepada semak duri, 'Marilah, jadi raja pemerintah kami!' ¹⁵ Jawab semak duri itu kepada pokok-pokok itu, 'Jika benar kamu mengurapi aku demi menjadikan aku pemerintahmu, datanglah berlindung di bawah naunganku; tetapi jika tidak, semoga keluar api dari semak duri dan menghanguskan pokok-pokok araz di Lebanon.'

¹⁶ Maka sekarang, jika kamu secara tulus ikhlas menobatkan Abimelekh sebagai raja, dan jika kamu berbuat baik kepada Yerubaal serta kepada keturunannya dan jika kamu membalas jasanya dengan setimpal – ¹⁷ kerana ayahku telah menyabung nyawanya berperang membela kamu dan telah melepaskan kamu daripada cengkaman orang Midian, ¹⁸ walhal kini kamu memberontak terhadap keturunan ayahku dan membunuh anak-anaknya seramai tujuh puluh orang, di atas satu batu, malah Abimelekh, anak kepada hamba perempuannya kamu nobatkan sebagai raja pemerintah seluruh warga kota Sikhem, kerana dia saudaramu – ¹⁹ jadi jika pada hari ini kamu setia dan tulus ikhlas kepada Yerubaal dan keturunannya, maka silakanlah kamu bersukacita atas ternobatnya Abimelekh dan silakanlah dia juga bersukacita atas kamu. ²⁰ Tetapi jika tidak demikian, semoga keluarlah api daripada Abimelekh untuk menghanguskan kesemua

warga kota Sikhem dan juga Bet-Milo, dan semoga api keluar daripada warga kota Sikhem dan juga dari Bet-Milo untuk menghanguskan Abimelekh.”²¹ Maka larilah Yotam yang takut akan Abimelekh, saudaranya itu, melepaskan dirinya ke Beer di mana dia tinggal.

Kejatuhan Abimelekh

²² Setelah Abimelekh memerintah orang Israel selama tiga tahun,²³ Allah menimbulkan semangat jahat yang mengadudombakan Abimelekh dengan warga kota Sikhem lalu khianatlah warga kota Sikhem terhadap Abimelekh,²⁴ supaya keganasannya terhadap tujuh puluh orang anak Yerubaal terbalas dan hutang darah mereka terbeban atas Abimelekh, saudara mereka yang membunuh mereka dan juga atas warga kota Sikhem yang membantu dia untuk membunuh saudara-saudaranya itu.

²⁵ Lalu warga kota Sikhem menempatkan orang untuk menyerang hendap Abimelekh di puncak gunung dan mereka merompak setiap orang yang melalui mereka di jalan itu. Hal itu dikhabarkan kepada Abimelekh.

²⁶ Sementara itu, Gaal anak Ebed serta saudara-saudaranya berpindah ke kota Sikhem lalu para warga kota Sikhem meletakkan kepercayaan mereka kepadanya.²⁷ Pergilah

mereka ke ladang lalu dikumpulkan hasil kebun anggur yang diirik dan seterusnya diadakan pesta. Mereka memasuki rumah tuhan mereka dan makan minum sambil mengutuk Abimelekh.

²⁸ Berkatalah Gaal anak Ebed, “Abimelekh itu siapa dan kita orang Sikhem siapa, untuk kita menjadi hambanya? Bukankah dia anak Yerubaal dan bukankah Zebul pegawainya? Merekalah hamba bani Hamor, iaitu ayah Sikhem, maka mengapakah kita yang menjadi hambanya?”

²⁹ Kalaulah warga kota ini di bawah kuasaku, tentu aku dapat menyingkirkan Abimelekh.”

Lalu berkatalah dia kepada Abimelekh,

“Perkuatkanlah tenteramu dan marilah keluar!”

³⁰ Maka naik beranglah Zebul, penguasa kota itu apabila mendengar kata-kata Gaal anak Ebed itu.

³¹ Zebul menghantar utusan kepada Abimelekh di Aruma dengan pesanan, “Gaal anak Ebed dan saudara-saudaranya kini berada di Sikhem dan ketahuilah bahawa mereka menghasut warga kota itu untuk menentang engkau. ³² Jadi bersegeralah dan berangkatlah engkau dengan semua orang bersama-sama engkau pada waktu malam, dan tunggulah di padang untuk bertindak. ³³ Esok pagi, sebaik sahaja terbit matahari, hendaklah engkau menyerbu kota itu. Jika Gaal dan orangnya keluar melawan engkau, tentanglah mereka dengan sedaya upaya kamu.”

³⁴ Maka pada waktu malam, berangkatlah Abimelekh bersama-sama kesemua orangnya, lalu mereka dalam empat pasukan itu menunggu untuk melawan bani Sikhem. ³⁵ Gaal anak Ebed pergi ke luar dan berdiri di depan pintu gerbang kota itu. Pada ketika itu juga, Abimelekh dan pasukannya kebetulan keluar dari tempat serangan hendap mereka itu. ³⁶ Apabila Gaal ternampak semua orang itu, berkatalah dia kepada Zebul, "Lihat, ramai orang turun dari puncak gunung itu."

Tetapi Zebul menjawabnya, "Itu cuma bayang-bayang gunung tetapi engkau sangka itu manusia."

³⁷ Sekali lagi Gaal berkata, "Lihat, ramai orang turun dari bahagian tertinggi gunung itu dan ada satu kelompok lagi yang datang dari jalan pokok oak peramal di sana."

³⁸ Jawab Zebul kepadanya, "Di manakah mulutmu yang bercakap besar, 'Abimelekh itu siapa maka kita harus menjadi hambanya?' Bukankah itu orang yang kamu hina? Nah, sekarang keluarlah untuk memerangi mereka."

³⁹ Maka Gaal yang diperhatikan oleh warga kota Sikhem mara untuk melawan Abimelekh.

⁴⁰ Tetapi Abimelekh mengejarnya lalu Gaal melarikan diri dan ramai orangnya tewas serta cedera di depan pintu gerbang. ⁴¹ Maka

Abimelekh kekal di Aruma manakala Zebul mengusir Gaal dan saudara-maranya lalu mereka itu tidak dapat tinggal di Sikhem.

⁴² Keesokan harinya warga kota itu pergi ke ladang dan berita itu dikhabarkan kepada Abimelekh. ⁴³ Abimelekh membawa orangnya yang dibahagikan kepada tiga pasukan untuk menyerang hendap warga kota itu. Maka sebaik sahaja dilihatnya pasukan itu keluar dari dalam kota, dia pun menyerang mereka. ⁴⁴ Sementara Abimelekh dan pasukan yang bersama-samanya menyerbu lalu menduduki pintu gerbang kota, dua lagi pasukannya itu menyerang serta menewaskan semua orang yang berada di padang. ⁴⁵ Sehari suntuk Abimelekh memerangi kota itu dan dia berjaya menawannya; lantas dibunuhnya semua orang yang berada di dalamnya. Seterusnya kota itu dirobohkan dan ditaburinya dengan garam.

⁴⁶ Maka masuklah para pemimpin kota Menara-Sikhem yang mendengar berita itu ke dalam ruang di bawah kuil El-Berit. ⁴⁷ Lalu dikhabarkanlah kepada Abimelekh bahawa seluruh warga kota Menara-Sikhem sedang berhimpun di ruang tersebut. ⁴⁸ Abimelekh dan seluruh rakyat yang bersama-samanya pun mendaki Gunung Zalmon. Lalu dengan kapak di tangannya Abimelekh memotong

dan kemudian memikul dahan-dahan kayu di atas bahunya sambil berkata kepada rakyatnya yang bersama-samanya, “Lihat apa yang aku buat dan ikutilah perbuatanku.”⁴⁹ Maka umat yang bersama-samanya turut memotong serta memikul dahan-dahan kayu, kemudian mereka mengikuti Abimelekh untuk meletakkan dahan-dahan itu di atas ruang dalam lalu membakar kesemuanya. Maka mati terbakarlah semua penduduk kota Menara-Sikhem, seramai kira-kira seribu orang lelaki dan perempuan.

⁵⁰ Selanjutnya, Abimelekh pergi ke Tebes; lalu mengepung serta menawan kota itu.⁵¹ Tetapi ada sebuah menara yang kuat di tengah-tengah kota itu, dan semua lelaki dan perempuan, seluruh warga kota itu, melarikan diri ke situ lalu mereka menutup pintu di belakang mereka dan naik ke atas bumbung menara itu.⁵² Tibalah Abimelekh di menara itu lalu diserangnya dan sampailah dia di pintu menara itu untuk membakarnya.⁵³ Tetapi seorang perempuan menjatuhkan batu kisar ke atas kepala Abimelekh, maka pecahlah tengkoraknya.⁵⁴ Abimelekh segera memanggil pembawa perisainya lalu berkata kepadanya, “Hunuslah pedangmu dan bunuhlah aku, supaya jangan orang berkata bahawa

Abimelekh dibunuh oleh seorang perempuan.” Lalu pembantunya itu menikamnya dan matilah dia. ⁵⁵ Maka terlihat bahawa Abimelekh telah mati, pulanglah kesemua orang Israel ke tempat kediaman masing-masing.

⁵⁶ Demikianlah Allah membalas kejahatan yang dilakukan oleh Abimelekh terhadap ayahnya apabila dia membunuh kesemua tujuh puluh orang saudaranya. ⁵⁷ Allah juga membalas segala kejahatan para warga Sikhem atas kepala mereka sendiri, sebagaimana yang dilafazkan dalam kutukan Yotam anak Yerubaal kepada mereka.

Tola dan Yair

10 ¹ Selepas kematian Abimelekh, Tola anak Pua anak Dodo, seorang Isakhar, yang tinggal di Samir, di pergunungan Efraim, muncul untuk menyelamatkan orang Israel. ² Dia memerintah sebagai hakim kepada orang Israel selama dua puluh tiga tahun; kemudian dia meninggal, lalu dikuburkan di Samir.

³ Selepas dia, muncullah pula Yair, daripada bani Gilead, yang memerintah sebagai hakim kepada orang Israel selama dua puluh dua tahun. ⁴ Yair mempunyai tiga puluh orang anak lelaki, yang menunggang tiga puluh ekor keldai, dan di Tanah Gilead, mereka mempunyai tiga puluh buah kota, yang sampai sekarang dipanggil Hawot-Yair.

⁵ Kemudian Yair meninggal dan dikuburkan di Kamon.

Kemungkaran orang Israel

⁶ Orang Israel berbuat jahat lagi di mata Tuhan dengan menyembah Baal dan Asytoret iaitu tuhan orang Aram, tuhan orang Sidon, tuhan orang Moab, tuhan bani Amon dan tuhan orang Filistin. Mereka meninggalkan Tuhan dan tidak lagi beribadat kepada-Nya. ⁷ Menyalalah kemurkaan Tuhan terhadap orang Israel, lalu Dia menyerahkan mereka ke dalam tangan orang Filistin dan bani Amon. ⁸ Maka pada tahun itu dan selama lapan belas tahun seterusnya, kedua-dua pihak itu menindas orang Israel yang tinggal di seberang Sungai Yordan, di Gilead, di tanah orang Amori. ⁹ Bani Amon pula menyeberangi Sungai Yordan untuk berperang dengan bani Yehuda, bani Benyamin dan keturunan Efraim, dan akibatnya, amat terdesaklah orang Israel.

¹⁰ Lalu orang Israel berseru kepada Tuhan, “Kami telah berbuat dosa terhadap Engkau dengan perbuatan kami meninggalkan Allah kami dan menyembah Baal.”

¹¹ Maka berfirmanlah Tuhan kepada orang Israel, “Bukankah Aku yang telah menyelamatkan kamu daripada orang Mesir, orang Amori, bani Amon, serta daripada orang Filistin? ¹² Juga

apabila kamu ditindas oleh orang Sidon, suku Amalek dan suku Maon, kamu berseru kepada-Ku dan bukankah Aku yang menyelamatkan kamu? ¹³ Tetapi kamu meninggalkan Aku dan menyembah tuhan lain; sebab itulah Aku tidak akan menyelamatkan kamu lagi. ¹⁴ Pergilah kamu berseru kepada tuhan yang kamu pilih itu; biar mereka yang menyelamatkan kamu, pada waktu kamu terdesak.”

¹⁵ Berkatalah orang Israel kepada Tuhan, “Kami telah berdosa. Buatlah kepada kami apa sahaja yang baik di mata-Mu. Tetapi mohon Engkau tolonglah kami pada hari ini!” ¹⁶ Lalu mereka menyingkirkan semua tuhan asing dari tengah-tengah mereka lantas mereka beribadat kepada Tuhan. Oleh itu, Tuhan pun terharu melihat kesusahan yang dialami oleh orang Israel.

¹⁷ Bani Amon dikerahkan lalu mereka berkhemah di Gilead manakala orang Israel berhimpun serta berkhemah di Mizpa. ¹⁸ Maka para pemimpin umat di Gilead memperkatakan antara satu sama lain, “Siapakah yang berani memulakan peperangan untuk melawan bani Amon itu? Dialah yang akan mengepalai seluruh penduduk Gilead.”

Yefta menyelamatkan Israel

11 ¹ Yefta ialah seorang pahlawan yang gagah perkasa tetapi dia anak seorang perempuan sundal. Ayah Yefta ialah Gilead.

² Isteri Gilead juga melahirkan anak-anak lelaki untuknya. Setelah anak-anak isterinya itu besar, mereka mengusir Yefta dan berkata kepadanya, “Engkau tidak dapat mewarisi pusaka dalam rumah bapa kami kerana engkau anak lelaki daripada perempuan lain.” ³ Yefta pun lari meninggalkan para saudaranya itu lalu menetap di Tanah Tob; di sana penjahat berkumpul bersama-samanya dan pergilah mereka bersama dengannya.

⁴ Tidak lama selepas itu, bani Amon berperang melawan orang Israel. ⁵ Ketika bani Amon memerangi orang Israel, kalangan tua-tua Gilead pergi menjemput Yefta dari Tanah Tob. ⁶ Kata mereka kepada Yefta, “Marilah menjadi ketua kami semoga kita boleh berperang melawan bani Amon.”

⁷ Tetapi Yefta menjawab para tua-tua Gilead itu, “Bukankah kamu membenci aku dan mengusir aku daripada keluargaku? Mengapa kini sewaktu kamu terdesak kamu datang kepadaku?”

⁸ Maka berkatalah para tua-tua Gilead kepada Yefta, “Memang kami mendatangi kamu supaya

kamu mengikuti kami untuk berperang melawan bani Amon, dan engkau akan menjadi pemimpin yang mengetuai kami dan seluruh warga Gilead.”

⁹ Maka Yefta menjawab para warga tua-tua Gilead, “Jika kamu membawa aku kembali untuk berperang melawan bani Amon, danandainya Tuhan menyerahkan mereka kepadaku, adakah aku akan menjadi ketua kamu?”

¹⁰ Maka para pemimpin Gilead itu berkata kepada Yefta, “Demi Tuhan yang mendengar dan menjadi saksi antara kita, kami pasti melakukan seperti yang kamu katakan itu.”

¹¹ Yefta mengikut para warga tua-tua Gilead, lalu mereka mengangkatnya untuk menjadi ketua dan panglima mereka. Lalu Yefta membawa seluruh perkaranya itu ke hadapan Tuhan, di Mizpa.

¹² Seterusnya Yefta mengirim utusan yang bertanya kepada raja bani Amon, “Apakah urusanmu dengan aku, sehingga engkau datang untuk memerangi negeriku?”

¹³ Raja bani Amon menjawab kepada utusan Yefta, “Ketika keluar dari Mesir, orang Israel telah merampas tanahku, dari Sungai Arnon sampai ke Sungai Yabok dan ke Sungai Yordan. Sekarang, kembalikanlah semuanya itu secara damai.”

¹⁴ Maka Yefta mengirim utusan semula kepada raja bani Amon ¹⁵ dengan pesan, “Beginilah kata Yefta: orang Israel tidak merampas tanah

orang Moab atau tanah bani Amon. ¹⁶Sebabnya ketika keluar dari Mesir, orang Israel melintasi gurun sampai ke Laut Merah dan tiba di Kadesh. ¹⁷Ketika itu orang Israel mengirim utusan kepada raja negeri Edom dengan permintaan, “Izinkanlah kami melintasi negerimu ini.” Tetapi raja negeri Edom tidak mahu mendengar. Mereka juga mengirim utusan kepada raja negeri Moab, tetapi raja itu juga menolak. Oleh itu, orang Israel tinggal di Kadesh. ¹⁸Kemudian mereka melintasi gurun lalu mengelilingi Tanah Edom dan Tanah Moab dan sampai di sebelah timur Tanah Moab. Mereka berkhemah di seberang Sungai Arnon, tetapi tidak masuk daerah Moab, kerana Sungai Arnon ialah sempadan daerah Moab. ¹⁹Lalu orang Israel mengirim utusan kepada Sihon, raja bani Amori, raja di Hesbon, dan orang Israel meminta kepadanya, “Izinkanlah kami melintasi negerimu sampai ke tempat tujuan kami.” ²⁰Tetapi Sihon tidak mempercayai orang Israel yang hendak melintasi daerahnya itu. Oleh itu, dia mengerahkan seluruh pasukannya. Dia berkhemah di Yahas, lalu berperang melawan orang Israel. ²¹Tetapi Tuhan, Allah Israel, menyerahkan Sihon dengan seluruh rakyatnya

11:17: Bil 20:14-21. **11:18:** Bil 21:4.

11:19: Bil 21:21-24.

ke dalam tangan orang Israel, dan orang Israel mengalahkan mereka lalu mendiami seluruh tanah orang Amori yang tinggal di negeri itu. ²² Maka orang Israel memiliki daerah bani Amori dari Sungai Arnon sampai ke Sungai Yabok dan dari gurun sampai ke Sungai Yordan. ²³ Sekarang Tuhan, Allah Israel, telah merampas milik orang Amori bagi Israel, umat-Nya. Apakah engkau hendak memiliki tanah itu pula? ²⁴ Bukankah engkau akan memiliki apa yang diberi oleh Kamos, tuhanmu?^d Demikianlah kami memiliki segala yang direbut bagi kami oleh Tuhan, Allah kami. ²⁵ Lagipun, adakah engkau lebih baik daripada Balak anak Zipor, raja Moab? Pernahkah dia menentang orang Israel atau pernahkah dia berperang dengan mereka? ²⁶ Ketika orang Israel tinggal di Hesbon dan desa-desanya, di Aroer dan desa-desanya, dan di semua kota di sepanjang kedua-dua pinggir Sungai Arnon selama tiga ratus tahun, mengapa pada waktu itu engkau tidak mendapatkan semula kesemua kota dan desa itu? ²⁷ Jadi aku tidak bersalah terhadap engkau, melainkan engkau yang bersalah terhadap aku dengan berperang melawan aku. Semoga Tuhan yang menjadi hakim pada hari ini antara orang

^d**11:24** Atau: Dewamu.

11:25: Bil 22:1-6.

Israel dengan bani Amon.”²⁸ Tetapi raja bani Amon tidak mempedulikan semua pesan Yefta yang disampaikan kepadanya.

Petaka nazar Yefta

²⁹ Lalu Roh Tuhan turun ke atas Yefta. Dia berjalan melintasi daerah Gilead dan Manasye, lalu melintasi Mizpa di Gilead, dan dari Mizpa di Gilead dia melintas ke daerah bani Amon

³⁰ Maka bersumpahlah Yefta kepada Tuhan, katanya, “Jika Engkau menyerahkan bani Amon itu ke dalam tanganku,³¹ maka apa saja yang keluar dari pintu rumahku untuk menemui aku ketika aku pulang dengan selamat daripada bani Amon, akan menjadi milik Tuhan. Lalu, aku akan mempersembahkannya sebagai korban bakaran.”

³² Lalu Yefta menyeberang untuk berperang melawan bani Amon, dan Tuhan menyerahkan mereka ke dalam tangannya.³³ Dia menumpaskan bani Amon secara besar-besaran dan membunuh umat di dua puluh buah kota dari Aroer sampai ke Minit dan sampai ke Abel-Keramim. Demikianlah bani Amon ditakluki di depan orang Israel.

³⁴ Kepulangan Yefta ke rumahnya di Mizpa disambut oleh anak perempuannya dengan memukul rebana sambil menari-nari. Itulah anaknya yang tunggal dan selain dia, Yefta tiada

lagi anak baik lelaki mahupun perempuan.

³⁵ Sejurus sahaja melihat anaknya, Yefta mengoyakkan bajunya, sambil berkata: “Wahai, anaku, engkau membuat hatiku hancur luluh dan engkau lah yang membawa petaka kepadaku. Aku telah membuka mulut dan bernazar kepada Tuhan, dan tidak dapat kutarik balik kata-kataku.”

³⁶ Tetapi anaknya menjawab, “Jika bapa telah membuka mulut bernazar kepada Tuhan, maka tunaikanlah dan buatlah kepadaku selaras dengan nazar bapa itu, kerana Tuhan telah melakukan pembalasan terhadap musuh bapa, bani Amon itu, bagi pihak bapa.” ³⁷ Berkatalah dia lagi kepada ayahnya, “Tunaikanlah nazar bapa tetapi izinkanlah aku masa selama dua bulan supaya aku pergi ke pergunungan dan menangi keperawananku bersama-sama teman-temanku.”

³⁸ Maka jawab Yefta, “Pergilah,” dan dibiarkan anak gadisnya itu pergi selama dua bulan lamanya bersama-sama teman-temannya menangi keperawanannya di pergunungan.

³⁹ Setelah dua bulan berlalu, kembalilah dia kepada ayahnya, maka ayahnya melakukan kepadanya apa yang telah dinazarkannya itu atas gadis yang tidak pernah kenal akan lelaki itu.

Maka hal itu menjadi adat di Israel, ⁴⁰ bahwa dari tahun ke tahun para anak gadis orang Israel akan pergi selama empat hari setahun untuk meratapi dan memperingati anak gadis Yefta, orang Gilead itu.

Pertengkaran antara bani Efraim dengan Yefta

12 ¹ Suku Efraim dikerahkan berhimpun. Lalu bergeraklah mereka ke arah utara. Mereka berkata kepada Yefta, “Mengapa engkau mara untuk memerangi bani Amon dan tidak memanggil kami untuk maju bersama-sama? Oleh itu kami akan membakar rumahmu bersama-samamu!”

² Tetapi Yefta menjawab mereka, “Aku dan pasukanku terlibat dalam peperangan yang hebat melawan bani Amon. Akan tetapi, apabila aku memanggilmu, kamu tidak datang untuk menyelamatkan aku daripada tangan mereka. ³ Apabila kulihat bahwa engkau tidak datang menyelamatkanku, aku pertaruhkan nyawaku lalu pergi melawan bani Amon itu, dan Tuhan menyerahkan mereka ke dalam tanganku. Mengapa pada hari ini kamu mendatangi aku untuk berperang melawan aku?” ⁴ Maka Yefta menghimpunkan semua orang Gilead, lalu mereka berperang melawan suku Efraim. Dan mereka berjaya mengalahkan suku Efraim itu.

Sebabnya orang Efraim mengatakan, “Kamu kaum Gilead pelarian daripada suku Efraim, kamu di tengah-tengah suku Efraim dan di tengah-tengah suku Manasye.”⁵ Bani Gilead menawan dan menduduki tempat-tempat penyeberangan Sungai Yordan. Maka apabila ada antara orang daripada suku Efraim yang melarikan diri dan berkata, “Biarkanlah aku menyeberang,” maka orang Gilead berkata kepadanya, “Orang Efraimkah engkau?” Maka orang itu menjawab, “Bukan,”⁶ lalu mereka berkata kepadanya, “Cuba sebut dahulu, ‘Syibolet.’” Jika dia berkata, ‘Sibolet’ iaitu tidak mampu mengucapkannya dengan tepat, maka mereka menangkap dia dan membunuhnya dekat tempat-tempat penyeberangan Sungai Yordan itu. Maka tewaslah empat puluh dua ribu orang daripada suku Efraim.

⁷ Yefta menjadi hakim yang memerintah orang Israel selama enam tahun. Kemudian meninggalkan Yefta bani Gilead itu, lalu dikebumikan di sebuah kota di daerah Gilead.

Ebzan, Elon dan Abdon

⁸ Selepas itu, Ebzan dari Betlehem pula menjadi hakim untuk memerintah orang Israel.⁹ Dia mempunyai tiga puluh orang anak lelaki dan tiga puluh orang anak perempuannya yang

dikahwinkannya dengan orang di luar kaumnya manakala tiga puluh anak perempuan diambilnya dari luar kaumnya untuk diperisteri dengan para anak lelakinya. Eban memerintah orang Israel selama tujuh tahun. ¹⁰ Kemudian meninggallah Eban, lalu dikebumikan di Betlehem.

¹¹ Sebagai penggantikannya, Elon daripada bani Zebulon pula menjadi hakim untuk memerintah orang Israel, dan dia memerintah orang Israel selama sepuluh tahun lama. ¹² Kemudian meninggallah Elon daripada bani Zebulon lalu dikebumikan di Ayalon, di Tanah Zebulon.

¹³ Selepas Elon, Abdon anak Hilel, orang Piraton menjadi hakim untuk memerintah orang Israel. ¹⁴ Dia mempunyai empat puluh anak lelaki dan tiga puluh cucu lelaki, yang menunggang tujuh puluh ekor keldai. Dia memerintah orang Israel selama lapan tahun. ¹⁵ Kemudian meninggallah Abdon anak Hilel, bani Piraton itu, lalu dia dikebumikan di Piraton, di Tanah Efraim, di kawasan pergunungan orang Amalek.

Kelahiran Simson

13 ¹ Orang Israel berbuat jahat lagi di mata Tuhan lantas Tuhan menyerahkan mereka ke dalam tangan orang Filistin selama empat puluh tahun.

² Pada waktu itu ada seorang lelaki bernama Manoah daripada keturunan bani Dan dari Zora. Isteri Manoah ini mandul dan tidak memberikan zuriat kepadanya. ³ Muncullah Malaikat Tuhan menampakkan diri kepada perempuan itu lalu berkata kepadanya, “Memang engkau mandul dan tidak melahirkan anak tetapi engkau akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. ⁴ Maka peliharalah dirimu, jangan minum air anggur atau minuman keras dan jangan makan sesuatu yang haram. ⁵ Sebabnya engkau akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki dan tiada pisau cukur yang akan menyentuh kepalanya. Anak itu akan menjadi seorang penazar Allah dan dialah akan mula menyelamatkan orang Israel daripada tangan orang Filistin.”

⁶ Lalu perempuan itu datang kepada suaminya dan berkata, “Seorang hamba Allah datang kepadaku dan rupanya seperti malaikat Allah, amat mengagumi. Aku tidak bertanya dari mana datangnya, dan dia tidak memberitahu namanya kepadaku. ⁷ Tetapi dia berkata kepadaku: Engkau akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Maka janganlah minum air anggur atau minuman yang memabukkan dan jangan

makan sesuatu yang haram, kerana sejak dalam kandungan ibunya sampai ke hari matinya, anak itu akan menjadi seorang penazar Allah.”

⁸ Lalu Manoah memohon kepada Tuhan dengan berkata, “Ya Tuhan, semoga hambamu yang Engkau utus itu dapat datang lagi kepada kami dan mengajar kami, apa yang harus kami lakukan demi anak yang akan lahir itu.”

⁹ Allah mendengarkan permohonan Manoah. Maka datanglah Malaikat-Nya sekali lagi kepada perempuan itu ketika dia sedang duduk di padang tetapi suaminya, Manoah, tidak ada bersama-samanya ketika itu. ¹⁰ Dengan segera dia berlari lalu memberitahu suaminya, “Orang yang datang kepadaku hari itu menampakkan diri kepadaku lagi.”

¹¹ Berangkatlah Manoah lalu mengikuti isterinya. Setelah sampai kepada orang itu, Manoah berkata, “Engkaukah orang yang telah berbicara kepada perempuan ini?”

Jawabnya, “Benar!”

¹² Berkatalah Manoah, “Sesudah berlakunya apa yang Tuan katakan itu, bagaimanakah hidup anak itu kelak dan apakah pekerjaannya?”

¹³ Malaikat Tuhan menjawab Manoah, “Perempuan itu harus memelihara diri terhadap semua yang Kupesan kepadanya. ¹⁴ Janganlah dia makan sesuatu yang berasal daripada pokok

anggur; atau minum air anggur atau minuman keras dan dia tidak boleh makan sesuatu yang haram. Dia mesti patuh kepada segala yang Kuperintahkan kepadanya.”

¹⁵ Kata Manoah kepada Malaikat Tuhan itu, “Izinkanlah kami menahan Tuan di sini, supaya kami dapat menyediakan seekor anak kambing untuk menjamu Tuan.” ¹⁶ Tetapi jawab Malaikat Tuhan itu kepada Manoah, “Biarpun engkau menahan Aku di sini, Aku tidak akan makan hidanganmu.

Tetapi jika kamu menyediakan korban bakaran, maka persembahkanlah kepada Tuhan.” Manoah tidak mengetahui, bahawa Dia itu Malaikat Tuhan.

¹⁷ Lalu Manoah bertanya kepada Malaikat Tuhan itu, “Siapakah nama Tuan, agar dapat kami muliakan Tuan apabila berlakunya apa yang Tuan katakan itu.”

¹⁸ Tetapi jawab Malaikat Tuhan itu kepadanya, “Mengapa engkau bertanyakan nama-Ku memandangkan nama-Ku terlalu ajaib?”

¹⁹ Maka Manoah mengambil seekor anak kambing serta persembahan makanan lalu dipersembahkan kepada Tuhan di atas batu itu. Lalu Dia melakukan keajaiban. Manoah bersama dengan isterinya sedang melihatnya. ²⁰ Apabila api yang bernyala itu naik ke langit dari mazbah

itu, Malaikat Tuhan turut naik dalam nyala api mazbah itu. Manoah dan isterinya yang melihat hal ini sujud menyembamkan muka ke tanah.

²¹ Sejak itu Malaikat itu tidak menampakkan diri-Nya lagi kepada Manoah dan isterinya. Maka tahulah Manoah, bahawa Dia itu Malaikat Tuhan.

²² Berkatalah Manoah kepada isterinya, “Kita pasti mati, kerana kita telah nampak Allah.”

²³ Tetapi isterinya berkata kepadanya, “Jika Tuhan hendak membunuh kita, tentu Dia tidak menerima korban bakaran dan korban sajian daripada tangan kita; Dia juga tidak akan memperlihatkan semuanya itu kepada kita dan Dia juga tidak akan memperdengarkan hal-hal yang sedemikian kepada kita pada waktu ini.”

²⁴ Maka perempuan itu melahirkan seorang anak lelaki dan menamakannya Simson. Anak itu bertambah besar dan Tuhan memberkatinya.

²⁵ Mulailah Roh Tuhan menggerakkan hatinya di Mahane-Dan yang terletak di antara Zora dengan Esytaol.

Perkahwinan Simson

14 ¹ Pergilah Simson ke Timna dan di situ dia melihat seorang gadis Filistin. ² Lalu dia pulang dan memberitahu kepada ayahnya dan ibunya, “Di Timna aku melihat seorang

gadis Filistin. Tolong, ambillah dia untuk menjadi isteriku.”

³ Tetapi ayah dan ibunya berkata kepadanya, “Tidak adakah seorang perempuan daripada kalangan anak perempuan sanak saudaramu atau daripada seluruh bangsa kita sehingga kamu mesti memperisteri perempuan golongan orang Filistin yang tidak bersunat itu?”

Tetapi Simson menjawab ayahnya, “Ambillah dia untukku, kerana aku menyukai dia.”

⁴ Tetapi ayah dan ibunya tidak tahu bahawa hal itu berasal daripada Tuhan kerana Dia sedang mencari peluang untuk memerangi orang Filistin yang memerintah orang Israel pada masa itu.

⁵ Lalu pergilah Simson berserta ayah dan ibunya ke Timna. Setiba mereka di kebun anggur di Timna, seekor singa muda mendatangi Simson dengan mengaum. ⁶ Maka berkuasalah Roh Tuhan atas Simson sehingga dia yang tiada sesuatu senjata di tangannya mampu mengoyak singa itu sebagaimana orang mengoyak anak kambing. Tetapi dia tidak menceritakan hal itu kepada kedua-dua ayah dan ibunya.

⁷ Lalu dia pergi dan bercakap dengan perempuan itu, yang kelihatan bagus kepada Simson. ⁸ Setelah beberapa hari, Simson kembali lagi untuk berkahwin dengan perempuan itu. Ketika dia mengalih pandangan ke arah bangkai

singa itu, dia terlihat ada kawanannya lebah serta ada madu pada bangkai singa itu.⁹ Maka dia mengeruk madu itu ke dalam tangannya dan memakannya sambil berjalan terus. Setibanya kepada ayah dan ibunya, dia memberikan sebahagian daripada madu itu kepada mereka dan mereka memakannya. Tetapi dia tidak menceritakan bahawa madu itu dikeruknya daripada dalam bangkai singa.

¹⁰ Setelah ayahnya pergi kepada perempuan itu, Simson mengadakan jamuan di sana seperti yang lazim dilakukan oleh kalangan muda.¹¹ Mereka yang melihatnya terus memilih tiga puluh orang kawan pengantin untuk menemaninya.

¹² Berkatalah Simson kepada mereka, “Aku mahu memberikan teka-teki kepada kamu. Jika kamu dapat memberikan jawapan yang tepat kepadaku dalam masa tujuh hari acara jamuan ini, aku akan menghadiahkan kepadamu tiga puluh helai pakaian linen dan tiga puluh helai persalinan.

¹³ Tetapi jika kamu tidak dapat memberikan jawapannya kepadaku, maka kamulah yang harus memberikan tiga puluh helai pakaian linen dan tiga puluh persalinan.”

Maka kata mereka kepadanya, “Sebutlah teka-tekimu itu, supaya kami dengar.”¹⁴ Berkatalah Simson kepada mereka,

“Daripada yang memakan keluar makanan,

daripada yang kuat keluar manis.”

Dalam tempoh tiga hari mereka masih tidak dapat memberikan jawapan bagi teka-teki itu.

¹⁵ Pada hari ketujuh berkatalah mereka kepada isteri Simson, “Pujuklah suamimu agar dia memberitahu kami jawapan teka-teki itu; kalau tidak, kami akan membakar kamu berserta seisi rumah ayahmu. Adakah kamu mengundang kami untuk menjadikan kami papa? Tidak begitu, bukan?”

¹⁶ Maka sambil menangis isteri Simson memeluk Simson sambil berkata, “Kamu memang benci dan tidak mencintaiku; kamu berikan teka-teki kepada warga sebangsaku, tetapi jawapannya tidak kamu beritahukan kepadaku.”

Maka Simson menjawab, “Ayah dan ibuku pun tidak aku beritahu, apatah lagi kamu?”

¹⁷ Tetapi selama tujuh hari jamuan itu diadakan, isterinya terus menangis di sisinya. Lalu pada hari yang ketujuh dia memberitahu jawapannya kepada isterinya yang terus merengek-rengok kepadanya. Lalu perempuan itu memberitahukan jawapan teka-teki itu kepada lelaki yang sebangsa dengannya. ¹⁸ Lalu pada hari yang ketujuh itu, sebelum matahari terbenam, berkatalah orang kota itu kepadanya,

“Apakah yang lebih manis daripada madu?”

Apakah yang lebih kuat daripada singa?”

Dia menjawab,

“Kalau kamu tidak membajak dengan lembu
betinaku yang muda,

pasti kamu tidak mampu menemukan jawapan
teka-teki.”

¹⁹ Maka berkuasalah Roh Tuhan ke atasnya lalu dia pergi ke Askelon dan dibunuhnya tiga puluh orang di sana. Pakaian mereka diambil lalu diberikannya persalinan itu kepada mereka yang dapat memberikan jawapan teka-teki itu. Namun demikian, kemarahannya tetap bernyala-nyala, lalu pulanglah dia ke rumah ayahnya. ²⁰ Maka isteri Simson itu diberikan kepada kawannya iaitu bekas pengiring pengantinnya.

Simson menewaskan orang Filistin

15 ¹ Beberapa waktu kemudian, pada musim menuai gandum, Simson pergi mengunjungi isterinya dengan membawa seekor anak kambing, lalu dia berkata, “Aku mahu ke bilik mendapatkan isteriku.” Tetapi ayah perempuan itu tidak membenarkan dia masuk. ² Kata ayah perempuan itu, “Aku sangka engkau amat membenci isterimu, maka aku memberikannya kepada kawanmu. Bukankah adiknya lebih cantik daripadanya? Baiklah kamu ambil dia menggantikan isterimu.”

³ Lalu Simson berkata kepadanya, “Kali ini aku tidak bersalah terhadap orang Filistin, apabila aku mendatangkan bencana ke atas mereka.” ⁴ Pergilah Simson lalu menangkap tiga ratus ekor rubah yang diikatkannya ekor dengan ekor lalu di antara tiap-tiap dua ekor itu ditaruhnya jamung. ⁵ Lalu dia menyalakan jamung itu dan melepaskan kesemua rubah itu ke ladang gandum kepunyaan orang Filistin yang belum dituai. Maka terbakarlah segala rumpun gandum dan gandum yang belum dituai dan juga kebun-kebun anggur dan pokok zaitun. ⁶ Berkatalah orang Filistin, “Angkara siapakah ini?” Orang menjawab, “Simson, menantu orang Timna itu, kerana orang itu mengambil isteri Simson dan memberikannya kepada kawannya.” Maka pergilah orang Filistin ke Timna lalu membakar perempuan itu berserta ayahnya.

⁷ Berkatalah Simson kepada mereka, “Oleh sebab kamu bertindak sebegini, sesungguhnya aku akan membalas dendam terhadap kamu. Selepas itu, barulah aku berhenti.” ⁸ Maka Simson memukul mereka dan meremukkan tulang-tulang mereka tanpa belas kasihan. Lalu pergilah dia menetap di gua di bukit batuan Etam.

⁹ Kemudian orang Filistin mara dan berkhemah di daerah Yehuda serta bertaburanlah mereka

di kawasan Lehi. ¹⁰ Berkatalah orang Yehuda, “Mengapa kamu mara menyerang kami?”

Jawab orang Filistin, “Kami mara untuk mengikat Simson dan memperlakukannya sebagaimana dia memperlakukan kami.” ¹¹ Maka turunlah tiga ribu orang Yehuda di gua di bukit batuan Etam dan berkata kepada Simson, “Tidakkah kamu tahu bahawa orang Filistin berkuasa atas kita? Apakah bencana yang kamu bawa menimpa atas kami?”

Tetapi jawabnya kepada mereka, “Aku hanya memperlakukan mereka sebagaimana mereka memperlakukan aku.”

¹² Kata mereka kepadanya, “Kami datang ke sini untuk mengikat dan menyerahkan kamu ke dalam tangan orang Filistin.”

Tetapi jawab Simson kepada mereka, “Bersumpahlah kepadaku, bahawa kamu sendiri tidak akan menyerang aku.”

¹³ Lalu berkatalah mereka kepadanya, “Tidak, kami hanya mahu mengikat kamu dan menyerahkan kamu ke dalam tangan mereka, tetapi kami memang tidak mahu membunuh kamu.” Lalu mereka mengikatnya dengan dua tali baru dan membawanya dari bukit batuan itu.

¹⁴ Setibanya di Lehi, semua orang Filistin mendatangi Simson dengan bersorak-sorai. Maka berkuasalah Roh Tuhan ke atasnya. Tali-tali pada

tangannya menjadi seperti batang rami yang telah habis dimakan api dan segala ikatan hancur tanggal daripada tangannya.¹⁵ Simson menemui tulang rahang keldai yang masih baru, lalu digenggamnya tulang rahang itu lantas seribu orang dipukul hingga mati.¹⁶ Berkatalah Simson, “Dengan rahang keldai ini, kubuat timbunan demi timbunan, dengan rahang keldai ini kupukul mati seribu orang.”

¹⁷ Setelah berkata demikian, dia melempar tulang rahang itu daripada tangannya. Tempat itu dinamakannya Ramat Lehi.

¹⁸ Ketika itu dia berasa amat haus, lalu berserulah dia kepada Tuhan, “Melalui tangan hamba-Mu ini Kauberikan kemenangan yang besar, tetapi kini adakah aku akan mati kehausan dan jatuh ke dalam tangan golongan orang yang tidak bersunat itu!”¹⁹ Lalu Allah membelah liang batu di Lehi itu, dan daripadanya keluarlah air. Simson minum dan menjadi kuat dan segar semula. Maka dinamailah mata air itu En-Hakuri (Mata Air Orang Yang Berdoa), yang sampai sekarang masih ada di Lehi.

²⁰ Maka Simson memerintah sebagai hakim selama dua puluh tahun atas orang Israel dalam zaman orang Filistin.

Simson dan Delila

16 ¹ Pergilah Simson ke Gaza dan dilihatnya seorang perempuan pelacur lalu dia berseketiduran dengan perempuan itu.

² Orang Gaza diberitahukan bahawa, “Simson telah datang ke sini.” Mereka pun berusaha mengepung tempat itu dan bersiap sedia untuk menyerangnya. Menunggulah mereka semalam-malaman di pintu gerbang kota, tetapi mereka tidak berbuat apa-apa semalam-malaman itu kerana fikir mereka, “Nanti ketika terbit fajar kita akan membunuh dia.” ³ Tetapi Simson tidur di situ sampai tengah malam. Ketika tengah malam, bangunlah dia dan dipegangnya daun pintu gerbang kota itu dan kedua-dua tiang pintu. Dia mencabut kesemuanya termasuk palang-palangnya lalu diletakkannya di atas kedua-dua bahunya, dan diangkatnya ke puncak gunung yang bersementaraan dengan Hebron.

⁴ Sesudah itu Simson jatuh cinta dengan seorang perempuan yang bernama Delila dari Lembah Sorek. ⁵ Para ketua warga Filistin pergi menemui perempuan itu lalu berkata, “Cubalah pujuk dia untuk mengetahui punca kekuatannya yang sebegitu hebat, dan bagaimana dia dapat dikalahkan hingga kami dapat mengikat dia dan menundukkannya. Sesudah itu kami akan

memberikan seribu seratus keping wang perak kepadamu.”

⁶ Berkatalah Delila kepada Simson, “Tolonglah ceritakan kepadaku punca kekuatanmu yang begitu hebat, dan dengan apa engkau harus diikat dan ditundukkan.”

⁷ Jawab Simson kepadanya, “Jika aku diikat dengan tujuh utas tali busur baru, yang belum kering, aku akan menjadi lemah dan menjadi seperti siapa-siapa sahaja.”

⁸ Lalu para ketua warga Filistin membawa tujuh tali busur yang baru yang belum kering kepada perempuan itu dan dia mengikat Simson dengan tali-tali itu. ⁹ Di bilik perempuan itu ada orang yang siap sedia untuk membunuhnya. Kemudian berserulah perempuan itu kepadanya, “Orang Filistin menyerang kamu, Simson!” Mudah sahaja Simson memutuskan tali-tali busur itu seperti tali rami yang terbakar putus apabila kena api. Maka rahsia kekuatannya tetap tidak diketahui oleh sesiapa.

¹⁰ Berkatalah Delila kepada Simson, “Sesungguhnya, kamu mempermainkan dan membohongi aku. Sekarang ceritakanlah agar aku tahu dengan apakah kamu dapat diikat.”

¹¹ Dia menjawab, “Jika aku diikat kuat-kuat dengan tali baru yang belum digunakan untuk sebarang pekerjaan sekalipun, maka aku akan

menjadi lemah dan menjadi seperti siapa-siapa sahaja.”

¹² Lalu Delila mengambil tali baru dan Simson diikatnya dengan tali-tali itu lalu berseru kepadanya, “Orang Filistin menyerang kamu, Simson!” Mereka bersembunyi di bilik untuk menyerang hendap untuk membunuhnya. Namun demikian, Simson memutuskan tali-tali itu daripada tangannya seperti benang sahaja.

¹³ Berkatalah Delila kepada Simson, “Sampai sekarang kamu mempermainkan dan membohongi aku. Ceritakanlah kepadaku dengan apa kamu dapat diikat.”

Jawabnya kepadanya, “Kalau kamu menenun ketujuh-tujuh jambul rambut di kepalaku bersama-sama lungsin dan dikuatkan jalinan itu dengan cucuk sanggul, aku akan menjadi lemah dan menjadi seperti siapa-siapa sahaja.”

¹⁴ Maka ketika dia tidur, perempuan itu menenun jambulnya lalu dikukuhkan jalinan itu dengan cucuk sanggul dan kemudian berseru kepadanya, “Orang Filistin menyerang kamu, Simson.” Tetapi dia bangun daripada tidurnya lalu menyentak dan melepaskan pasak cucuk sanggul pada lungsin itu.

¹⁵ Berkatalah perempuan itu kepadanya, “Bagaimana mungkin kamu berkata: Aku cinta kepadamu, walhal hatimu tidak tertuju

kepadaku? Sudah tiga kali kamu membohongi aku dan tidak menceritakan kepadaku punca kekuatanmu yang sebegitu hebat.”¹⁶ Setelah sehari-hari perempuan itu merengek-rengok kepadanya dan terus mendesaknya, hati Simson tidak tertahan dan dukacita kerana tujuhan bertalu-talu pujukan perempuan itu.¹⁷ Maka dicurhkannya kepada Delila seluruh isi hatinya. Katanya, “Kepalaku tidak pernah kena pisau cukur, kerana sejak dalam kandungan ibuku, aku seorang penazar Allah. Jika kepalaku dicukur akan lenyaplah kekuatanku dan aku menjadi lemah dan menjadi seperti siapa-siapa sahaja.”

¹⁸ Setelah jelas kepada Delila bahawa Simson mencurahkan segala isi hatinya, dia menyuruh agar para ketua warga Filistin dipanggil, katanya, “Sekali ini datanglah ke mari kerana Simson telah menceritakan kesemuanya kepadaku.” Lalu datanglah para ketua warga kota Filistin itu kepadanya sambil membawa wang upahan berkenaan.¹⁹ Delila memujuk agar Simson tidur di pangkuannya, lalu dipanggilnya seorang dan disuruhnya mencukur ketujuh-tujuh jambul rambutnya, sehingga mulailah Simson ditundukkan oleh perempuan itu sesudah dia tiada lagi kekuatannya itu.

²⁰ Lalu berserulah perempuan itu, “Orang Filistin menyerang kamu, Simson!” Maka dia terjaga

daripada tidurnya lantas berkata, “Seperti yang sudah-sudah, aku akan bebas dan akan meronta lepas.” Tetapi tanpa diketahuinya Tuhan telah meninggalkannya.²¹ Maka orang Filistin menangkapnya lalu mencungkil kedua-dua belah matanya dan membawanya ke Gaza. Di situ dia dibelenggu dengan dua utas rantai tembaga dan dia dikerah bekerja sebagai penggiling di penjara.²² Tetapi rambutnya yang dicukur itu mula tumbuh semula.

Kematian Simson

²³ Berhimpunlah para ketua warga kota Filistin untuk mengadakan korban sembelihan yang besar kepada tuhan mereka, Dagon, dan untuk bersuka ria. Berkatalah mereka, “Tuhan kita telah menyerahkan Simson, musuh kita ke dalam tangan kita.”²⁴ Orang ramai yang melihat Simson memuji-muji tuhan mereka, sambil berseru,

“Telah diserahkan oleh tuhan kita ke dalam tangan kita musuh kita,
perosak tanah kita,
dan yang membunuh ramai teman kita.”

²⁵ Ketika hati mereka bersuka ria itu, berkatalah mereka, “Panggillah Simson untuk menghiburkan kita.” Simson dipanggil dari penjara, lalu dia melawak di depan mereka. Kemudian mereka menyuruh dia berdiri di antara tiang

bangunan. ²⁶ Berkatalah Simson kepada budak yang memimpin dia berjalan, “Lepaskan aku dan biarkanlah aku meraba-raba tiang-tiang penopang rumah ini agar aku dapat bersandar padanya.” ²⁷ Bangunan besar itu penuh dengan lelaki dan perempuan; dan kesemua pemimpin kota orang Filistin ada di sana, malah di atas bumbung juga ada kira-kira tiga ribu lelaki dan perempuan yang menonton persembahan Simson itu.

²⁸ Berserulah Simson kepada Tuhan, katanya, “Ya Tuhan Allah, semoga Engkau ingat kepadaku dan buatlah aku kuat, sekali ini sahaja, ya Allah, supaya dengan satu pembalasan aku dapat menuntut dua belah mataku yang dibutakan oleh orang Filistin.” ²⁹ Lalu Simson memeluk dua batang tiang yang paling tengah yang menyokong bangunan itu. Tangan kanannya memaut satu batang tiang dan sebatang lagi tiang dipaut dengan tangan kirinya. ³⁰ Berkatalah Simson, “Biarlah aku mati bersama-sama orang Filistin ini.” Lalu dia membongkok dan memaut dengan sekuat-kuat tenaganya lalu robohlah rumah itu menimpa para pemimpin warga kota itu dan seluruh orang ramai yang ada di dalamnya. Maka yang mati dibunuhnya pada waktu kematiannya itu lebih ramai daripada yang dibunuhnya ketika dia masih hidup dahulu.

³¹ Sesudah itu sanak saudaranya dan seisi keluarganya datang membawa mayatnya, dari tempat itu lalu menguburkannya di antara Zora dengan Esytaol di dalam makam Manoah, ayahnya. Jadi Simson memerintah sebagai hakim kepada orang Israel selama dua puluh tahun.

Kisah Mikha dengan seorang Lewi

17 ¹ Ada seorang yang bernama Mikha dari wilayah pergunungan Efraim. ² Berkatalah dia kepada ibunya, “Wang perak sebanyak seribu seratus keping yang diambil orang daripadamu dan yang kerananya ibu ucapkan kutukan hingga aku sendiri mendengar kutukanmu itu – lihatlah wang itu ada padaku, akulah yang mengambilnya.”

Lalu kata ibunya, “Semoga Tuhan memberkatimu, anakku.” ³ Lalu dia mengembalikan wang perak seribu seratus keping itu kepada ibunya. Tetapi ibunya berkata, “Aku mahu sucikan wang itu bagi Tuhan dan aku menyerahkan agar daripada wang itu anakku membuat patung ukiran dan patung tuangan. Maka sekarang, wang itu aku kembalikan kepadamu.” ⁴ Tetapi Mikha mengembalikan wang itu kepada ibunya. Lalu ibunya mengambil dua ratus wang perak dan memberikannya kepada tukang perak, yang membuat patung ukiran dan

patung tuangan daripada wang itu. Kemudian semua patung itu diletak di rumah Mikha.

⁵ Mikha ini mempunyai kuil. Dia membuat efod dan patung-patung berhala lalu mentahbiskan salah seorang anak lelakinya yang dilantik menjadi imamnya. ⁶ Pada zaman itu tiada raja yang memerintah orang Israel. Setiap orang melakukan apa yang dianggap benar menurut pandangan sendiri.

⁷ Maka ada seorang pendatang muda bani Lewi dari Betlehem-Yehuda, daripada kaum Yehuda yang menumpang di situ. ⁸ Keluarlah orang itu dari kota Betlehem-Yehuda untuk menumpang sebagai pendatang di mana-mana sahaja dia mendapat tempat dalam perjalanannya. Lalu sampailah dia ke rumah Mikha di pergunungan Efraim. ⁹ Bertanyalah Mikha kepadanya, “Kamu berasal dari mana?” Dia menjawab, “Aku orang Lewi dari Betlehem-Yehuda, dan aku pergi untuk menumpang sebagai pendatang di mana-mana sahaja aku mendapat tempat.”

¹⁰ Berkatalah Mikha kepadanya, “Tinggallah sahaja denganku dan jadilah bapa dan imam kepadaku dan setiap tahun aku akan memberikan kepadamu sepuluh keping wang perak, sepasang pakaian serta makananmu.” ¹¹ Orang Lewi

itu bersetuju menetap di rumah Mikha yang seterusnya menjadi seperti seorang daripada anaknya sendiri. ¹² Lalu Mikha mentahbiskan orang Lewi itu. Orang muda itu menjadi imamnya dan menetap di rumah Mikha. ¹³ Berkatalah Mikha, “Tahulah aku sekarang bahawa Tuhan akan berbuat baik kepadaku kerana ada seorang Lewi yang menjadi imamku.”

Bani Dan merampas patung sembah Mikha

18 ¹ Pada zaman itu orang Israel tidak diperintah oleh raja, dan pada zaman itu suku Dan sedang mencari harta pusaka agar dengannya mereka dapat menetap dan menjalani kehidupan. Sebabnya sehingga masa itu mereka belum menerima bahagian warisan mereka sebagai satu daripada suku-suku Israel. ² Lalu bani Dan memilih lima orang lelaki daripada kaum mereka, kesemuanya warga yang gagah perkasa yang berasal dari Zora dan Esytaol. Tugas mereka adalah untuk mengintai negeri itu dan menjelajahinya. Mereka diperintahkan, “Pergilah menjelajahi negeri itu.” Ketika mereka itu tiba di pergunungan Efraim mereka pun bermalam di rumah Mikha. ³ Apabila hampir tiba di rumah Mikha, mereka kenal akan loghat pemuda bani Lewi itu. Mereka pun singgah di situ lalu berkata kepadanya, “Siapakah yang membawa kamu ke

mari? Apakah pekerjaanmu dan urusanmu di sini?”

⁴ Dia menjawab mereka, “Mikha melakukan begini dan begitu kepadaku; dan dia mengupah aku untuk menjadi imamnya.” ⁵ Oleh itu, mereka berkata kepadanya, “Tanyalah kepada Allah, agar kami ketahui sama ada berhasil kelak perjalanan yang kami tempuh ini ataupun tidak.”

⁶ Kata imam itu kepada mereka, “Pergilah dengan selamat! Perjalanan yang kamu tempuh ini dipandang baik oleh Tuhan.”

⁷ Pergilah kelima-lima orang itu lalu mereka tiba di Lais. Di situ mereka melihat warganya hidup aman tenteram, menurut adat orang Sidon, dan selamat. Warga di situ tidak kekurangan apa-apa pun, dan tiada sesiapa yang memperkotak-katikan kehidupan mereka. Mereka tinggal jauh daripada orang Sidon dan tidak bergaul dengan sesiapa pun. ⁸ Setelah itu, kembalilah mereka kepada saudara-mara suku mereka di Zora dan Esysaol. Lalu bertanyalah kaum mereka kepada mereka, “Apakah yang kamu dapati di sana?”

⁹ Jawab mereka, “Bangkitlah, kita mara dan menyerang mereka, kerana kami telah melihat betapa amat baik negeri mereka itu. Adakah kita akan tinggal diam sahaja? Jangan buang masa lagi. Marilah kita maju untuk memasuki dan menduduki negeri itu. ¹⁰ Apabila kamu

memasuki negeri itu, kamu akan mendapati rakyatnya hidup aman damai. Sesungguhnya, Allah telah menyerahkan negeri yang luas itu ke dalam tanganmu, tempat yang tidak kekurangan apa-apa pun yang ada di muka bumi.”

¹¹ Lalu berangkatlah bani Dan seramai enam ratus orang dari Zora dan Esytaol, dan mereka dilengkapi dengan senjata. ¹² Mereka mara lalu berkhemah di Kiryat-Yearim di Yehuda. Oleh itu, sampai sekarang tempat itu disebut sebagai Mahane-Dan serta terletak di sebelah barat Kiryat-Yearim. ¹³ Dari sana mereka bergerak terus ke pergunungan Efraim dan sampai di rumah Mikha.

¹⁴ Lalu kelima-lima orang yang pergi mengintai keadaan di daerah Lais itu berkata kepada saudara-mara mereka, “Tahukah kamu bahawa di rumah-rumah ini ada efod, berhala yang disembah, patung pahatan dan patung tuangan? Maka, kini kamu tahu apa yang perlu kamu lakukan!” ¹⁵ Mereka menuju ke tempat itu dan sampailah di tempat orang muda suku Lewi tersebut iaitu di rumah Mikha, lalu mereka bertanyakan khabarnya. ¹⁶ Sementara itu angkatan seramai enam ratus orang daripada bani Dan yang dilengkapi dengan senjata masing-masing itu berdiri di pintu gerbang. ¹⁷ Lima orang peninjau itu berjalan terus lalu

masuk ke dalam lalu mengambil patung pahatan, efod, berhala yang disembah serta patung tuangan itu sementara imam itu berdiri di pintu gerbang bersama-sama enam ratus orang yang dilengkapi dengan senjata masing-masing.

¹⁸ Setelah lima orang peninjau itu memasuki rumah Mikha dan mengambil patung pahatan, efod, berhala yang disembah dan patung tuangan itu, berkatalah imam itu kepada mereka, “Apakah yang kamu buat ini?”

¹⁹ Jawab mereka kepadanya, “Diam, tutup mulut, ikutlah kami dan jadilah bapa dan imam kami. Yang mana lebih baik bagimu, menjadi imam untuk seisi rumah seseorang atau menjadi imam kepada satu suku kaum orang Israel?”

²⁰ Gembiralah hati imam itu. Dia mengambil efod, berhala yang disembah dan patung pahatan itu lalu pergi ke tengah-tengah khalayak orang ramai itu.

²¹ Maka mereka berpatah balik lalu pergi dengan menempatkan anak-anak, binatang ternakan dan barang-barang yang berharga di hadapan mereka. ²² Setelah mereka sudah agak jauh dari rumah Mikha, para lelaki dari rumah-rumah yang berdekatan dengan rumah Mikha berkumpul lalu mengejar dan memintas para warga bani Dan itu. ²³ Berteriaklah mereka kepada bani Dan yang berpaling kepada mereka

lalu berkata kepada Mikha, “Apakah yang kamu mahu dengan mengerah orang berhimpun sebegini?”

²⁴ Mikha menjawab, “Kamu mengambil tuhan-tuhanku yang kubuat dan mengambil juga imamku. Jadi apa lagi yang masih ada padaku? Bagaimanakah boleh kamu tanya kepadaku: Apa yang kamu mahu?”

²⁵ Berkatalah bani Dan kepadanya, “Janganlah suaramu kedengaran lagi kepada kami sampai ada orang menyerang kamu sehingga kamu serta seisi rumahmu kehilangan nyawa.” ²⁶ Bani Dan meneruskan perjalanan mereka, dan Mikha yang melihat mereka itu terlalu kuat untuk ditentanginya berpaling pulang ke rumahnya.

²⁷ Demikianlah bani Dan membawa barang-barang yang dibuat oleh Mikha dan imamnya. Seterusnya mereka mendatangi Lais yang rakyatnya hidup dengan aman tenteram serta menyerang umat di situ dengan mata pedang dan membakar kota mereka. ²⁸ Tiada sesiapa yang datang menolong kerana kota itu jauh dari Sidon dan seluruh warga kota itu tidak bergaul dengan sesiapa pun. Selepas itu, kota yang terletak di lembah Bet-Rehob itu dibangunkan semula oleh bani Dan yang kemudiannya menetap di situ. ²⁹ Kota yang sebelum itu bernama Lais itu dinamakan mereka “Dan”

sempena nama bapa leluhur mereka iaitu Dan, yang lahir bagi Israel. ³⁰ Bani Dan menegakkan serta menyembah patung pahatan yang diambil mereka itu, lalu Yonatan anak Gersom anak Musa bersama-sama anak-anaknya menjadi imam bagi suku Dan sampai waktu apabila bumi mereka itu ditawan oleh musuh. ³¹ Demikianlah mereka menempatkan patung pahatan yang dibuat oleh Mikha selagi Rumah Allah berada di Silo.

Kisah seorang Lewi dengan gundiknya

19 ¹ Terjadilah pada zaman ketika tiada raja memerintah Israel, di bahagian paling terpencil di pergunungan Efraim tinggal seorang Lewi yang mengambil seorang gundik dari Betlehem-Yehuda. ² Tetapi gundiknya curang terhadapnya lalu pergi daripadanya dan diam di rumah ayahnya di Betlehem-Yehuda. Dia berada selama empat bulan lamanya di rumah ayahnya. ³ Lantas bertindaklah suaminya lalu pergi menyusul perempuan itu untuk memujuknya dan membawanya pulang. Bersama-samanya dia membawa seorang hamba dan sepasang keldai. Lalu perempuan itu membawanya masuk ke rumah ayahnya, dan ketika ayahnya melihat lelaki itu, amat sukacitalah dia menemui menantunya. ⁴ Mertuanya pun menahannya maka tinggallah dia selama tiga hari bersama-sama mertuanya

dan makan, minum dan bermalam di sana.

⁵ Pada hari yang keempat, ketika mereka bangun pagi-pagi lagi dan ketika orang Lewi itu berkemas untuk pergi, berkatalah ayah perempuan itu kepada menantunya, “Alasilah perutmu dahulu dengan sekeping roti, kemudian bolehlah kamu pergi.”

⁶ Maka duduklah mereka, lalu mereka makan dan minum bersama-sama. Kata ayah perempuan itu kepada lelaki itu, “Sudilah kiranya untuk tinggal bermalam dan biarlah hatimu gembira.”

⁷ Ketika lelaki itu bangun untuk pergi juga, mertuanya tetap mendesaknya sehingga dia akhirnya tinggal untuk bermalam lagi di sana.

⁸ Pada hari yang kelima, ketika dia bangun pagi-pagi untuk pergi, berkatalah ayah perempuan itu, “Mari, segarkanlah dirimu dahulu, dan tinggallah sebentar lagi, sampai lepas tengah hari.” Lalu makanlah kedua-dua mereka.

⁹ Ketika lelaki itu bangun untuk pergi bersama-sama gundiknya serta hambanya, berkatalah mertuanya kepadanya, “Lihatlah, hari sudah menjelang petang dan matahari telah mulai turun; baiklah tinggal bermalam, lihat, matahari hampir terbenam, bermalamlah di sini dan biarlah hatimu gembira. Esok kamu dapat bangun pagi-pagi untuk berjalan dan pulang ke rumahmu.”

¹⁰ Akan tetapi, lelaki itu enggan bermalam lagi di situ lalu dia berkemas, dan pergi. Maka sampailah dia di daerah yang bersejajarah dengan Yebus (iaitu Yerusalem) dan bersamasamanya ada sepasang keldai yang berpelana serta gundiknya. ¹¹ Ketika mereka menghampiri Yebus, matahari telah hampir terbenam, lalu hambanya berkata kepadanya, “Tuan, mari kita singgah dan bermalam di kota orang Yebus ini.”

¹² Tetapi tuannya menjawab, “Kita tidak akan singgah di kota asing yang warganya bukan orang Israel, tetapi kita akan berjalan terus sampai ke Gibeon.” ¹³ Katanya lagi kepada hambanya, “Marilah kita berjalan sampai ke salah satu tempat di sana dan bermalam di Gibeon atau di Rama.” ¹⁴ Oleh itu, mereka meneruskan perjalanan, dan matahari terbenam ketika mereka hampir tiba di Gibeon yang menjadi kepunyaan bani Benyamin. ¹⁵ Mereka pun singgah serta memasuki kota Gibeon untuk bermalam di situ. Setibanya mereka di kota itu, duduklah mereka di tanah lapang kota kerana tidak ada seorang pun yang mengajak mereka untuk bermalam di rumah.

¹⁶ Tetapi pada malam itu datanglah seorang tua, yang pulang dari pekerjaannya di ladang. Lelaki itu berasal dari pergunungan Efraim dan tinggal sebagai pendatang di Gibeon, manakala penduduk

setempat ialah warga daripada bani Benyamin.

¹⁷ Ketika dia melayangkan pandangan dan terlihat pengembara yang berada di tanah lapang kota, berkatalah orang tua itu, “Ke manakah tujuanmu dan dari manakah kamu datang?”

¹⁸ Pengembara itu menjawabnya, “Kami sedang dalam perjalanan dari Betlehem di Yehuda dan menuju ke pergunungan Efraim. Dari sanalah aku berasal. Sebelum ini aku pergi ke Betlehem di Yehuda dan sekarang sedang berjalan pulang ke Rumah Tuhan.^e Tetapi tidak ada sesiapa yang mengajak aku ke rumahnya. ¹⁹ Padaku ada jerami dan makanan untuk keldai kami, dan ada roti dan anggur untuk aku sendiri, untuk hamba perempuan ini dan untuk hambaku yang bersama-sama hambamu ini; kami tidak kekurangan sesuatu.”

²⁰ Berkatalah orang tua itu, “Sejahteralah kamu. Usah khuatir, segala yang kamu perlukan biarlah aku yang menanggung, tetapi janganlah kamu bermalam di tanah lapang kota ini.” ²¹ Maka dibawanyalah lelaki itu masuk ke rumahnya, dan keldai-keldai orang itu diberinya makan; lalu mereka pun membasuh kaki, makan dan minum.

^e**19:18** Ke rumah: Dalam naskhah Ibrani tersurat ke Rumah Tuhan, sebab tempat tinggal orang Lewi disebut Rumah Tuhan.

Angkara jenayah orang Gibe

²² Tetapi sedang mereka bergembira makan dan minum itu, datanglah beberapa orang jahat kota itu yang mengepung rumah itu. Mereka mengetuk pintu rumah itu dengan kuat sambil berkata kepada orang tua, pemilik rumah itu, “Bawalah ke luar orang yang datang ke rumahmu itu, supaya kami menyetubuhi dia.”

²³ Keluarlah pemilik rumah itu menemui mereka dan berkata kepada mereka, “Tidak, janganlah saudara-saudaraku berbuat jahat kerana lelaki ini telah masuk ke rumahku, janganlah kamu berbuat kerja durjana itu. ²⁴ Lihat, di sini ada anak gadisku, yang masih perawan, dan juga gundik orang itu. Biar kubawa kedua-duanya ke luar. Perkosalah mereka dan perbuatlah dengan mereka ikut suka hati kamu tetapi terhadap orang ini janganlah kamu berbuat durjana.”

²⁵ Tetapi lelaki-lelaki itu tidak mahu mendengar kata-katanya. Lalu orang Lewi itu menangkap gundiknya dan membawanya keluar kepada mereka. Lalu mereka memperkosa perempuan itu semalam-malaman serta menderanya sampai pagi. Pada waktu fajar menyingsing barulah mereka melepaskan perempuan itu.

²⁶ Menjelang pagi kembalilah perempuan itu tetapi dia jatuh rebah di depan pintu rumah orang itu, tempat tuannya bermalam, dan dia terbujur di sana sampai pagi menjadi terang.

²⁷ Pada waktu pagi ketika tuannya bangun lalu membuka pintu rumah dan pergi ke luar untuk menyambung perjalanannya, tampaklah kepadanya gundiknya sedang terbujur di depan pintu rumah dengan tangannya pada ambang pintu. ²⁸ Berkatalah dia kepada perempuan itu, “Bangunlah, marilah kita pergi.” Tetapi tidak ada jawaban. Lalu diangkatnya dan diletakkanlah mayat itu di atas keldai. Kemudian dia pergi menuju ke tempat kediamannya.

²⁹ Sesampai dia di rumahnya dia mengambil pisau, dipegangnyalah mayat gundiknya lalu dipotongnya menurut tulang-tulangunya kepada dua belas kerat, lalu dikirimnya ke seluruh daerah orang Israel. ³⁰ Dan setiap orang yang melihat potongan mayat itu berkata, “Hal yang sebegini belum pernah terjadi dan belum pernah terlihat, sejak orang Israel keluar dari Tanah Mesir sampai sekarang. Fikirkan hal itu, pertimbangkanlah, lalu berbicaralah!”

Perang antara orang Israel dengan bani Benyamin

20¹ Kemudian keluarlah semua orang Israel dari Dan sampai Bersyeba dan juga dari Tanah Gilead, lalu berhimpunlah kesemua umat yang bersatu itu menghadap Tuhan di Mizpa. ² Tampilah para ketua semua suku kaum orang Israel, memimpin jemaah umat Allah yang berjumlah seramai empat ratus ribu orang askar berjalan kaki yang menghunuskan pedang masing-masing. ³ Kedengaranlah kepada bani Benyamin, bahawa orang Israel telah maju ke Mizpa.

Berkatalah orang Israel, “Ceritakan bagaimana kedurjanaan itu terjadi.” ⁴ Maka bani Lewi iaitu suami perempuan yang terbunuh itu menjawab, “Aku bersama-sama gundikku sampai di Gibeon kepunyaan suku Benyamin untuk bermalam di sana. ⁵ Tetapi para warga kota Gibeon itu mendatangi aku dan mengepung rumah itu pada malam hari untuk menyerang aku. Mereka berniat membunuh aku, tetapi kemudian mereka memperkosa gundikku sehingga dia mati. ⁶ Maka kuambil mayat gundikku lalu kupotong-potong mayatnya dan kukirimkan ke seluruh daerah harta pusaka orang Israel lantaran lelaki-lelaki itu telah melakukan kedurjanaan

dan berbuat aib di Israel. ⁷ Sekarang kamu sekalian, orang Israel, berikanlah pendapatmu dan nasihatmu di sini.”

⁸ Maka bangunlah seluruh umat di situ dengan serentak sambil berkata, “Tiada seorang pun daripada kita akan pergi ke khemahnya, dan tiada seorang pun daripada kita yang akan pulang ke rumahnya. ⁹ Inilah yang akan kita lakukan kepada Gibeai; kita akan mencabut undi dan akan memerangnya! ¹⁰ Daripada seluruh suku Israel, kita akan memilih sepuluh orang daripada setiap seratus orang, seratus orang daripada setiap seribu, dan seribu orang daripada setiap sepuluh ribu, untuk membekalkan makanan bagi tentera ini, supaya sesudah mereka pergi ke Gibeai-Benyamin, mereka akan melakukan yang setimpal dengan segala perbuatan durjana yang telah dilakukan mereka dalam kalangan orang Israel.” ¹¹ Demikianlah orang Israel berkumpul untuk melawan kota itu; semua bersekutu dan bersatu tujuan.

¹² Kemudian suku-suku Israel mengirimi orang kepada seluruh suku Benyamin dengan pesan, “Bagaimanakah dengan kejahatan yang terjadi antara kamu itu! ¹³ Maka sekarang, serahkanlah semua penjahat di Gibeai yang melakukan perbuatan durjana itu. Kami akan menghukum mati mereka dan dengan demikian

menghapuskan yang jahat itu daripada antara orang Israel.” Tetapi bani Benyamin tidak mahu mendengar seruan saudara-saudara mereka daripada orang Israel itu. ¹⁴ Sebaliknya, bani Benyamin dari kota-kota lain berkumpul di Gibea untuk mara memerangi orang Israel.

¹⁵ Pada hari itu bani Benyamin mengerahkan dari kota-kota lain itu dua puluh enam ribu orang yang bersenjatakan pedang, belum termasuk penduduk Gibea sejumlah tujuh ratus orang pilihan itu. ¹⁶ Daripada seluruh bala tentera itu ada tujuh ratus orang pilihan yang kidal, dan setiap orang daripada mereka dapat menggunakan tarbil dengan tepat, walaupun sasarannya cuma sehelai rambut. ¹⁷ Jumlah orang Israel dihitung seramai empat ratus ribu orang, tidak termasuk suku Benyamin, dan kesemua perajurit itu menghunuskan pedang.

¹⁸ Berangkatlah orang Israel lalu mara ke Betel. Di sana mereka bertanya kepada Allah, “Siapakah daripada kami yang patut mara dahulu untuk berperang melawan bani Benyamin?” Jawab Tuhan, “Suku Yehuda yang harus mara dahulu.”

¹⁹ Warga orang Israel bangun pagi-pagi dan berkhemah mengepung Gibea. ²⁰ Kemudian orang Israel maju berperang melawan suku Benyamin dan menyusun barisan perang melawan mereka dekat Gibea. ²¹ Lalu bani

Benyamin mara menyerang dari Gibeon dan menggugurkan ke bumi dua puluh dua ribu daripada orang Israel pada hari itu. ²² Tetapi tentera orang Israel saling memberikan perangsang dan mengumpulkan segenap kekuatan mereka, lalu menyusun semula barisan perang di tempat mereka menyusun barisan pada mulanya. ²³ Kemudian pergilah orang Israel menangis di hadapan Tuhan sampai petang. Sesudah itu mereka bertanya kepada Tuhan, “Perluakah kami pergi lagi berperang melawan bani Benyamin, saudara kami itu?”

Jawab Tuhan, “Majulah melawan mereka.”

²⁴ Maka pada hari kedua itu orang Israel sampai dekat bani Benyamin. ²⁵ Maralah suku Benyamin dari Gibeon menyerbu mereka, dan gugurlah ke bumi lapan belas ribu orang daripada orang Israel; kesemuanya tentera yang berpedang.

²⁶ Kemudian pergilah semua orang Israel, dan setibanya di Betel, mereka menangis di hadapan Tuhan, berpuasa sampai senja pada hari itu. Mereka juga mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian di hadapan Tuhan. ²⁷ Lalu warga orang Israel bertanya kepada Tuhan. Pada waktu itu ada tabut perjanjian Allah di sana, ²⁸ dan Pinehas anak Eleazar anak Harun menjadi imam Allah pada waktu itu. Kata mereka, “Haruskah kami mara sekali lagi untuk berperang

melawan bani Benyamin, saudara kami itu, atau haruskah kami hentikan peperangan ini?”

Jawab Tuhan, “Majulah, kerana esok Aku akan menyerahkan mereka ke dalam tanganmu.”

²⁹ Lalu orang Israel menempatkan askar penyerang hendap di sekeliling Gibea. ³⁰ Pada hari ketiga maralah askar orang Israel melawan bani Benyamin dan menyusun barisan untuk melawan Gibea seperti yang pernah dilakukan mereka dahulu. ³¹ Maka majulah bani Benyamin menyerbu tentera itu dan mereka dipancing keluar dari kota. Seperti yang pernah dilakukan dahulu, mereka mulai menyerang dan membunuh pasukan askar Israel di padang dan juga di jalan raya, iaitu satu yang menuju ke Betel, dan satu lagi ke Gibea. Kira-kira tiga puluh orang Israel terbunuh. ³² Maka kata bani Benyamin, “Mereka itu telah tumpas oleh kita seperti pada mula-mula dahulu juga.”

Tetapi warga orang Israel telah bermuafakat lebih dahulu, “Marilah kita lari dan memancing mereka dari kota ke jalan-jalan raya.” ³³ Jadi orang Israel bangun dari tempatnya dan menyusun barisannya di Baal-Tamar, sedang orang Israel yang mengadakan itu tiba-tiba keluar dari tempatnya, yakni tempat terbuka dekat Geba. ³⁴ Maka tibalah orang pilihan daripada seluruh Israel seramai sepuluh ribu orang di

depan Gibeon. Berlakulah pertempuran yang dahsyat tetapi bani Benyamin tidak tahu yang malapetaka datang menimpa mereka. ³⁵ Tuhan membuat suku Benyamin tumpas di tangan orang Israel, dan pada hari itu orang Israel memusnahkan dua puluh lima ribu seratus orang daripada bani Benyamin, semuanya askar yang bersenjatakan pedang. ³⁶ Bani Benyamin melihat, bahawa mereka telah dikalahkan.

Sementara askar orang Israel berundur di depan suku Benyamin – kerana mereka bergantung kepada para penyerang hendap yang ditempatkan mereka untuk menyerang Gibeon. ³⁷ Dengan segera, para penyerang hendap itu menyerbu Gibeon. Mereka bergerak maju dan menyerang seluruh kota itu dengan mata pedang. ³⁸ Tetapi orang Israel sudah bermuafakat menentukan isyarat iaitu untuk menaikkan gumpalan asap tebal dari kota itu. ³⁹ Ketika orang Israel berundur dalam pertempuran itu, suku Benyamin menyerang orang Israel dan terbunuhlah kira-kira tiga puluh orang. Maka bani Benyamin terfikir, “Tentulah orang Israel ini kita kalahkan sama sekali seperti dalam pertempuran yang dahulu.” ⁴⁰ Tetapi pada waktu itu gumpalan asap mula naik berkepul-kepul dari kota itu. Suku Benyamin menoleh ke belakang lalu terlihat seluruh kota itu terbakar sampai

apinya naik ke langit. ⁴¹ Lalu maju semula orang Israel lantas gementarlah bani Benyamin yang melihat bahawa malapetaka sudah datang menimpa mereka. ⁴² Mereka pun lari dari depan orang Israel itu ke arah gurun. Akan tetapi, mereka tidak dapat menghindari pertempuran itu kerana orang Israel dari kota-kota pula menyerang mereka di tengah-tengah kalangan mereka sendiri. ⁴³ Orang Israel mengepung suku Benyamin lalu mengejar mereka dengan tidak henti-hentinya dan menumpaskan mereka di depan kota Gibeā, di sebelah timur. ⁴⁴ Maka terkorban seramai lapan belas ribu orang Benyamin, kesemuanya perwira yang gagah perkasa. ⁴⁵ Yang lainnya berpaling lalu lari ke gurun, ke bukit batuan Rimon. Tetapi di jalan-jalan raya pula masih ada lima ribu orang Benyamin yang diburu sampai Gidom dan dua ribu orang daripada mereka ditumpas. ⁴⁶ Maka terkorban sejumlah dua puluh lima ribu orang yang bersenjatakan pedang daripada suku Benyamin, semuanya perwira yang gagah perkasa.

⁴⁷ Tetapi enam ratus orang melarikan diri ke gurun di batu Rimon, dan tinggal selama empat bulan di bukit batu itu. ⁴⁸ Tetapi orang Israel kembali menyerang bani Benyamin dan memukul mereka dengan mata pedang, baik

manusia mahupun haiwan dan segala sesuatu yang terdapat di sana. Semua kota yang terdapat di sana turut dimusnahkan mereka dengan api.

Bani Benyamin dapat terus hidup

21 ¹ Maka seluruh orang Israel bersumpah di Mizpa, demikian, “Tiada seorang pun daripada kita yang akan memberikan anak perempuannya untuk menjadi isteri kepada warga bani Benyamin.” ² Datanglah umat Israel ke Betel lalu duduk di hadapan Allah sampai petang, lalu mereka menyaringkan suara dan menangis dengan sepenuh perasaan mereka. ³ Mereka berkata, “Mengapa, ya Tuhan, Allah Israel, terjadi hal yang begini di antara orang Israel, yakni bahawa hari ini hilang satu suku daripada orang Israel?”

⁴ Keesokan harinya bangunlah seluruh umat pagi-pagi lagi lalu mendirikan mazbah di situ dan seterusnya mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian. ⁵ Pada waktu itu berkatalah warga orang Israel, “Siapakah daripada seluruh suku Israel yang tidak ikut datang dengan jemaah ini untuk menghadap Tuhan?” Sebabnya mereka telah bersumpah dengan sungguh-sungguh mengenai orang yang tidak datang menghadap Tuhan di Mizpa, demikian, “Pastilah dia dihukum mati.” ⁶ Maka

orang Israel berasa belas kasihan terhadap suku Benyamin, saudara mereka itu, maka kata mereka, “Hari ini satu suku terputus daripada orang Israel. ⁷ Apakah yang dapat kita lakukan kepada kalangan yang tertinggal itu dalam hal mencari isteri kerana kita bersumpah demi Tuhan bahawa kita tidak akan memberikan seorang pun anak perempuan kita kepada mereka untuk dijadikan isteri mereka?”

⁸ Lalu bertanyalah mereka, “Dari seluruh suku Israel adakah satu suku yang tidak datang menghadap Tuhan di Mizpa?” Lalu disahkanlah bahawa tiada seorang pun yang datang dari Yabesh-Gilead ke perkhemahan jemaah itu. ⁹ Lalu setelah dihitung memang sah bahawa tiada seorang pun daripada penduduk Yabesh-Gilead yang hadir. ¹⁰ Maka perkumpulan itu mengerah dua belas ribu perwira yang gagah perkasa untuk pergi ke situ lalu kepada mereka dikeluarkan perintah, “Pergilah, pukullah penduduk Yabesh-Gilead, termasuk kaum wanita dan anak-anak, dengan mata pedang. ¹¹ Dan lakukanlah begini: kamu tumpaskan semua lelaki sahaja dan semua perempuan yang pernah tidur dengan lelaki.” ¹² Mereka menemukan empat ratus orang anak gadis, perawan yang belum pernah tidur dengan orang lelaki antara penduduk Yabesh-Gilead, lalu kesemua gadis itu

dibawa mereka ke perkhemahan di Silo, di Tanah Kanaan.

¹³ Sesudah itu seluruh umat itu mengirim utusan untuk berbicara dengan bani Benyamin yang berada di bukit batu Rimon dan memaklumkan kedamaian kepada mereka. ¹⁴ Pada waktu itu kembalilah suku Benyamin, dan kepada mereka diberikan perempuan-perempuan Yabesh-Gilead yang telah dibiarkan hidup. Akan tetapi, jumlah perempuan itu belum cukup bagi mereka.

¹⁵ Bangsa itu berasa kasihan kepada suku Benyamin, kerana Tuhan membuat keretakan antara suku Israel. ¹⁶ Kemudian berkatalah umat tua-tua mereka, “Apakah yang dapat kita lakukan kepada yang tinggal ini dalam hal mencari isteri untuk mereka? Sebabnya kaum perempuan telah punah daripada kalangan suku Benyamin.” ¹⁷ Kata mereka lagi, “Harta pusaka semua orang yang terkorban itu patut tetap bersama-sama suku Benyamin, supaya jangan ada suku yang terhapus daripada orang Israel. ¹⁸ Tetapi kita ini tidak dapat memberikan isteri kepada mereka daripada kalangan anak perempuan kita.” Sebabnya orang Israel telah bersumpah, demikian, “Terkutuklah orang yang memberikan isteri kepada suku Benyamin!”

¹⁹ Kemudian mereka berkata, “Setiap tahun ada perayaan bagi Tuhan di Silo yang terletak di

sebelah utara Betel, di sebelah timur jalan raya yang menuju dari Betel ke Sikhem dan di sebelah selatan Lebona.”²⁰ Maka mereka berpesan kepada bani Benyamin, demikian, “Pergilah untuk menyerang hendap di kebun-kebun anggur.²¹ Perhatikanlah baik-baik; jika anak-anak perempuan Silo muncul untuk menari, keluarlah kamu dari kebun-kebun anggur itu, dan hendaklah masing-masing menangkap seorang daripada anak-anak perempuan Silo itu untuk dijadikan isteri dan pergi ke Tanah Benyamin.

²² Apabila ayah atau saudara lelaki mereka datang untuk menuntut mereka daripada kami, kami akan berkata kepada mereka: Kasihanilah mereka demi kami, kerana kita tidak menawan isteri-isteri bagi mereka dalam peperangan. Namun, kamu tidak bersalah kerana kamu tidak memberikan anak-anak perempuan itu kepada mereka.”

²³ Oleh itu, bani Benyamin berbuat demikian. Gadis-gadis yang menari itu dirampas mereka untuk dijadikan isteri. Jumlahnya sama dengan jumlah mereka. Kemudian mereka pulang ke harta pusaka mereka lalu membina kota-kota mereka kembali dan mendiami kota-kota itu.

²⁴ Pada waktu itu pulanglah orang Israel dari sana kepada suku dan kaum mereka, ke harta pusaka masing-masing.

²⁵ Pada zaman itu tiada raja yang memerintah orang Israel. Setiap orang melakukan apa yang dianggap benar menurut pandangan sendiri.

RUT

Naomi menjadi balu

1 ¹ Maka bala kebuluran menimpa bumi Israel pada zaman pemerintahan para hakim.

Pada masa itu ada seorang lelaki dari Betlehem di Tanah Yehuda datang menghuni di negeri Moab bersama-sama isteri dan dua orang anak lelakinya. ² Nama lelaki itu Elimelekh dan isterinya Naomi; dan nama dua orang anak lelakinya Mahlon dan Kilyon. Mereka itu warga Efrata dari Betlehem di Yehuda. Setelah tiba di bumi Moab mereka pun mendiami tempat itu.

³ Kemudian Elimelekh, suami Naomi, mati; dan Naomi ditinggalkan dengan dua orang anaknya.

⁴ Kedua-dua orang anak itu memperisteri perempuan bani Moab, masing-masing bernama Orpa dan Rut. Mereka tinggal di sana selama kira-kira sepuluh tahun. ⁵ Selepas itu, Mahlon dan Kilyon juga mati. Oleh itu, perempuan itu kehilangan suami dan juga kedua-dua orang anaknya.

Kesetiaan Rut kepada Naomi

⁶ Lalu bersiap-siaplah Naomi bersama-sama kedua-dua orang menantunya untuk pulang dari bumi Moab kerana di bumi Moab itu dia terdengar khabar bahawa Tuhan telah memperhatikan umat-Nya serta memberikan makanan kepada mereka. ⁷ Maka bertolaklah dia dari tempat penghuniannya dan bersama-sama dua orang menantunya dia menempuh perjalanan untuk pulang ke Tanah Yehuda.

⁸ Berkatalah Naomi kepada dua orang menantunya, “Pulanglah kamu ke rumah ibu masing-masing. Semoga Tuhan mengasihani kamu sebagaimana kamu mengasihani dua orang arwah itu dan juga aku. ⁹ Semoga Tuhan mengurniaimu tempat bernaung kelak di rumah suami masing-masing.”

Lalu diciturnya kedua-dua orang menantunya namun mereka mengangkat suara dan menangis. ¹⁰ Kedua-dua mereka merayu kepadanya, “Tidak, kami mahu bersama-sama ibu pulang kepada suku kaum ibu.”

¹¹ Naomi menjawab, “Baik kamu pulang sahaja, wahai anak-anakku. Mengapa kamu mahu mengikut aku? Adakah lagi anak lelaki di dalam rahimku yang boleh menjadi suamimu?

¹² Pergilah! Pulanglah kamu, wahai anakku. Aku

kini terlalu tua untuk bersuami. Sekalipun ada harapan aku bersuami dan kemudian katakan pada malam ini juga aku bersuami dan seterusnya melahirkan lagi anak lelaki; ¹³ mampukah kamu menanti sehingga anak-anakku dewasa? Adakah kamu akan menolak untuk bersuami lagi dalam tempoh itu? Janganlah begini wahai anakku. Pengalamanku lebih perit, namun inilah kehendak Tuhan dalam kehidupanku.”

¹⁴ Semakin nyaring tangisan mereka berdua, lalu Orpa mencium mertuanya, memohon diri dan berangkat tetapi Rut memaut mertuanya dengan kuat. ¹⁵ Berkatalah Naomi, “Birasmu telah pun pulang kepada kaumnya dan kepada tuhan-tuhannya,^f eloklah kamu juga pulang mengikut birasmu itu.”

¹⁶ Maka jawab Rut, “Janganlah mendesak aku meninggalkan atau berpaling daripada mengikut ibu kerana ke mana-mana pun ibu tujui aku akan ikut dan di mana-mana sahaja ibu menumpang di situ jugalah aku menumpang. Kaum ibu itulah kaumku dan Allahmu ialah Allahku; ¹⁷ dan di mana-mana sahaja ibu mati, di situ jugalah aku mati dan dikuburkan. Semoga beginilah kiranya yang dilakukan Tuhan kepadaku, malahan lebih

^f1:15 Atau: Dewa-dewanya.

lagi, jika apa-apa pun selain maut memisahkan aku dan ibu.”

¹⁸ Apabila sudah jelas kepada Naomi betapa kuat tekad Rut untuk ikut bersama-samanya, dia berhenti menghalang Rut mengikutinya.

Kembalinya Naomi serta Rut

¹⁹ Maka berjalanlah kedua-duanya sehingga mereka tiba di Betlehem. Ketika mereka memasuki kota raya itu, gemparlah seluruh kota itu dan para warga perempuan berkata, “Naomikah ini?”

²⁰ Tetapi dia berkata kepada mereka, “Janganlah memanggilku Naomi; panggil aku Mara, kerana Yang Maha Kuasa telah membuat hidupku terlalu pahit. ²¹ Aku keluar dari sini dengan tangan yang penuh tetapi Tuhan membawa aku pulang dengan tangan yang kosong. Mengapa memanggilku ‘Naomi’ walhal kesaksian Tuhan menentangku malah Yang Maha Kuasa juga menimpakan bencana kepadaku?”

²² Demikianlah Naomi pulang bersama-sama Rut, perempuan bani Moab, menantunya, yang turut pulang dari bumi Moab. Dan mereka tiba di Betlehem pada permulaan musim menuai barli.

Rut bertemu dengan Boas

2¹ Di sebelah suaminya, Elimelekh, Naomi mempunyai seorang kaum kerabat bernama Boas yang kaya raya. ² Maka Rut, bani Moab itu, berkata kepada Naomi, “Izinkan aku pergi ke ladang mengutip bulir-bulir barli di belakang orang yang murah hati kepadaku.”

Dan jawab Naomi, “Pergilah, anakku.”

³ Berangkatlah dia ke ladang lalu mengutip barli di belakang para penuai; dan kebetulan pula, Rut sampai di tempat ladang milik Boas, yang berasal daripada kaum Elimelekh.

⁴ Maka datanglah Boas dari Betlehem lalu berkata kepada para penuai itu, “Semoga Tuhan menyertai kamu.”

Jawab mereka kepadanya, “Semoga Tuhan memberkati tuan!”

⁵ Lalu Boas bertanya kepada pekerjanya yang mengawas para penuai, “Pekerja siapakah perempuan ini?”

⁶ Ketua pekerja para penuai itu pun menjawab, “Perempuan bani Moab ini pulang bersama-sama Naomi dari bumi Moab. ⁷ Dan dia meminta, ‘Harap izinkan aku mengutip bulir-bulir barli ini di belakang para penuai.’ Lalu datanglah dia, dan

sejak pagi tadi dia terus bekerja sampai sekarang dan hanya sebentar dia berhenti rehat di rumah.”

⁸ Lalu Boas berkata kepada Rut, “Dengarlah baik-baik, anakku! Jangan engkau pergi mengutip bulir-bulir di ladang lain dan jangan engkau pergi dari sini, tetapi tinggal di sini bersama-sama para pekerja perempuanku. ⁹ Tetapkan matamu pada ladang yang sedang dituai dan ikutlah di belakang para penuai itu. Aku juga sudah berpesan agar para pekerja lelaki tidak mengganggu kamu. Jika kamu haus, pergilah ke tempayan dan minumlah air yang divedok oleh para pekerja itu.”

¹⁰ Rut segera tunduk dengan mukanya menghadap ke tanah dan berkata kepada Boas, “Mengapa saya menerima ihsan besar sebegini daripada tuan yang prihatin terhadap saya walhal saya seorang asing?”

¹¹ Boas menjawab, “Sudah dilaporkan kepadaku dengan lengkap segala sesuatu yang engkau lakukan demi mertuamu susulan kematian suamimu, dan bagaimana kamu meninggalkan ibu bapa dan tanah tumpah darahmu lalu pergi kepada suatu kaum yang tidak kamu kenal sebelum ini. ¹² Semoga Tuhan membalas jasa baikmu dan semoga kepadamu pahala sepenuhnya dianugerahkan Tuhan, Allah Israel, yang di bawah sayap-Nya kamu datang berlindung.”

¹³ Berkatalah pula Rut, “Saya telah dilayan dengan belas ihsan daripada tuan, kerana tuan telah menenangkan hati saya serta bercakap dengan baik kepada saya walaupun saya bukan salah seorang pekerja perempuan tuan.”

¹⁴ Ketika waktu makan, berkatalah Boas kepadanya, “Marilah makan daripada hidangan roti ini dan celupkan bahagian rotimu ke dalam cuka ini.” Lalu duduklah Rut di sisi para penuai itu, dan Boas menunjukkan bertih gandum kepadanya; lalu Rut makanlah sampai kenyang, namun masih ada baki makanannya.

¹⁵ Apabila dia bangun untuk mengutip lagi, Boas memberikan perintah kepada para pekerjanya, “Biarlah dia mengutip sekalipun di antara berkas-berkas tuaian dan janganlah menghina dia. ¹⁶ Cabutkan juga sedikit-sedikit daripada gemal-gemal tuaian dan biarkan dikutipnya. Jangan cela dia.”

¹⁷ Maka Rut mengutip bijirin di ladang sampai petang dan selepas diiriknya hasil kutipannya ada kira-kira satu efa^g barli. ¹⁸ Maka dia membawa pulang hasil usahanya ke dalam kota dan Naomi melihat hasil kutipannya. Kemudian Rut mengeluarkan baki makanannya dan memberikannya kepada mertuanya.

^g**2:17** Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter.

¹⁹ Bertanyalah mertuanya, “Di manakah kamu mengutip hari ini? Di manakah kamu bekerja? Semoga diberkatilah orang yang telah memperhatikan kamu itu!”

Rut pun menceritakan kepada mertuanya bahawa dia bekerja dengan seseorang. Katanya, “Hari ini aku bekerja dengan seorang yang namanya Boas.”

²⁰ Naomi memberitahu menantunya, “Semoga dia diberkati Tuhan kerana kebaikan-Nya tidak akan meninggalkan baik orang yang hidup mahupun yang telah mati.” Seterusnya Naomi berkata, “Orang itu kaum kerabat kita yang dekat, dan dialah salah seorang penebus kita.”

²¹ Lalu berkata Rut, perempuan Moab itu, “Lagipun dia berkata kepadaku, ‘Hendaklah kamu tetap bersama-sama para pekerjaku sehingga mereka menyelesaikan keseluruhan penuaianku.’”

²² Berkatalah Naomi kepada Rut, menantunya, “Baik juga anakku keluar bersama-sama para pekerja perempuannya supaya tiada orang di ladang lain kelak mencederakan kamu.”

²³ Maka Rut berada dekat dengan para pekerja perempuan Boas untuk mengutip bulir-bulir sehingga berakhir musim menuai barli dan

musim menuai gandum. Dia juga tinggal dengan mertuanya.

Rut mendapat suami

3¹ Lalu berkatalah Naomi kepada menantunya, “Bagaimana jika aku mendapatkan tempat bernaung untuk kamu, ya anakku, agar kamu berbahagia? ² Bukankah Boas, saudara kita dan kamu pula bersama-sama para pekerjanya? Lihatlah nanti, pada malam ini dia akan menampi barli di tempat pembantingan. ³ Jadi, mandi dan berlangirlah dan kenakanlah pakaian terbaikmu dan pergilah ke tempat pembantingan itu. Tetapi usah biar dia tahu bahwa kamu di situ selagi dia belum selesai makan dan minum. ⁴ Maka hendaklah kamu perhatikan di mana dia membaringkan diri untuk tidur. Kemudian pergilah dan singkapkan selimut daripada kakinya dan berbaringlah kamu di sana. Dia akan memberitahu kamu apa yang harus kamu lakukan.”

⁵ Jawab Rut kepadanya, “Aku akan ikut segala yang ibu suruh aku lakukan.”

⁶ Sesudah itu pergilah dia ke tempat pembantingan. Dia pun melakukan tepat seperti yang disuruh oleh mertuanya. ⁷ Setelah Boas habis makan dan minum dan hatinya gembira, datanglah dia membaringkan diri untuk tidur

pada hujung timbunan barli itu. Kemudian secara diam-diam, datanglah perempuan itu lalu disingkapkannya selimut dari kaki Boas dan berbaringlah dia di situ. ⁸ Sewaktu tengah malam, terkejutlah lelaki itu, lalu apabila dia membalikkan badan ke hadapan, ternyata seorang perempuan berbaring di sisi kakinya. ⁹ “Siapakah engkau ini?” tanya Boas.

Lalu dijawab, “Saya Rut, hamba tuan. Semoga tuan sudi kembangkan sayap demi menaungi hambamu ini, kerana tuan kerabat kami yang terdekat.”

¹⁰ “Semoga Tuhan memberkati kamu, anakku,” kata Boas. “Terbukti, berbanding dengan kebaikanmu yang terdahulu, lebih baik perbuatan baik kamu kini, kerana kamu tidak mencari lelaki yang lebih muda sama ada dia kaya atau miskin. ¹¹ Maka, usah kkuatir, wahai anakku. Semua yang kamu minta itu akan kulaksanakan; kerana semua orang di kota ini memang tahu bahawa kamu seorang perempuan yang berbudi pekerti. ¹² Memang benar, aku kerabatmu yang dekat, tetapi masih ada seorang anggota kerabat yang lebih dekat daripada aku. ¹³ Malam ini, diamlah kamu di sini sahaja. Esok pagi, baguslah jika orang itu mahu melaksanakan

tanggungjawabnya untuk menebusmu. Tetapi jika dia enggan, demi Tuhan yang hidup, aku akan menebus kamu. Sekarang, tidurlah sahaja di sini sampai pagi.”

¹⁴ Maka tidurlah Rut di situ dekat kaki Boas. Awal pagi esoknya, Rut sudah bangun agar tidak dilihat orang kerana Boas ada berkata, “Jangan sampai orang tahu bahawa seorang perempuan datang ke tempat pembantingan ini.” ¹⁵ Tambah Boas lagi, “Hulurkanlah dan bentangkanlah selendang kamu itu.” Lalu Rut menghulurkan selendangnya. Boas menuang enam sukatan barli ke dalam selendang yang dijadikan buntill itu lalu meletakkannya ke atas bahu Rut. Kemudian Boas beredar dari situ menuju ke kota. ¹⁶ Setibanya Rut di rumah, ibu mertuanya bertanya, “Bagaimana jadinya, anakku?”

Maka Rut menceritakan semua yang dilakukan Boas kepadanya. ¹⁷ “Dan,” tambah Rut lagi, “Dia juga memberikan enam sukatan barli ini, kerana katanya aku tidak boleh pulang kepada ibu dengan tangan kosong.”

¹⁸ Lalu kata Naomi, “Tunggu sahaja, anakku, sampai kamu tahu bagaimana sudahnya hal ini. Boas tidak akan diam sehingga dia sudah menyelesaikan perkara ini pada hari ini juga.”

Boas menebus Rut

4¹ Boas pun pergi ke pintu gerbang dan duduk di sana. Maka lalulah di situ kerabat terdekat yang disebutkan Boas itu. Berkatalah Boas, “Wahai sahabat, berhenti dahulu dan duduklah di sini.” Maka orang itu pun datanglah lalu duduk.² Kemudian Boas membawa sepuluh tua-tua kota itu, dan berkata, “Silalah duduk di sini.” Duduklah mereka di situ.³ Lalu berkatalah dia kepada kerabat terdekat Naomi itu, “Naomi yang pulang dari bumi Moab perlu menjual tanah yang menjadi milik saudara kita Elimeleh.⁴ Maka terfikir aku untuk memberitahu kamu seperti yang berikut, belilah tanah itu di hadapan kalangan yang duduk di sini dan di hadapan para tua-tua kita. Jika mahu maka kamu tebuslah; tetapi jika kamu enggan, beritahu sahaja kepadaku, kerana tiada orang yang layak menebusnya kecuali kamu, dan selepas kamu, aku.”

Lalu berkatalah orang itu, “Aku akan menebusnya.”

⁵ Kata Boas lagi, “Pada hari kamu membeli tanah itu daripada Naomi, untuk mengangkat nama si mati atas harta pusakanya, kamu juga memperoleh Rut, perempuan bani Moab, isteri si mati.”

⁶ Ahli kerabat terdekat itu menjawab, “Jika demikian, aku tidak dapat menebusnya supaya aku tidak menggugat harta pusakaku sendiri. Aku harap engkau menebus apa yang seharusnya kutebus itu kerana aku tidak dapat menebusnya.”

⁷ Adapun, memang adat lama orang Israel dalam hal penebusan dan penukaran hak milik tanah iaitu setiap kali orang mahu mengesahkan sesuatu perkara, hendaklah seorang menanggalkan kasutnya lalu memberikannya kepada yang lain. Begitulah cara pengesahan orang Israel.

⁸ Maka berkata kerabat terdekat itu kepada Boas, “Kamu sajalah yang membelinya,” lalu dia pun menanggalkan sandalnya. ⁹ Kepada para tua-tua serta semua orang yang ada di situ, Boas berkata, “Pada hari ini, kamulah saksi, bahawa aku telah membeli daripada tangan Naomi segala milik Elimelekh dan segala milik Kilyon dan Mahlon. ¹⁰ Seterusnya Rut, perempuan bani Moab iaitu isteri Mahlon, aku jadikan isteriku untuk menaikkan nama si mati atas harta pusakanya agar namanya tidak tersingkir daripada saudara-maranya dan daripada tempat tumpah darahnya; dan pada hari ini kamulah saksi bagi hal ini.”

¹¹ Lalu semua yang hadir di pintu gerbang, dan para tua-tua pun berkata, “Sesungguhnya, kamilah saksi hal ini. Semoga Tuhan menjadikan perempuan yang akan masuk ke rumahmu itu sama seperti Rahel dan Lea, yang kedua-duanya membina keturunan kaum Israel. Semoga kamu makmur di Efrata dan biarlah masyhur namamu di Betlehem. ¹² Semoga keturunanmu yang Tuhan anugerahi kamu daripada perempuan muda ini kelak seperti keturunan Peres yang dilahirkan oleh Tamar bagi Yehuda!”

Berkahwinlah Boas dengan Rut

¹³ Lalu Boas memperisteri Rut dan perempuan itu didampinginya. Atas kurnia Tuhan, Rut pun hamil dan seterusnya melahirkan seorang putera. ¹⁴ Lantas kalangan kaum wanita pun berkata kepada Naomi, “Terpujilah Tuhan, yang tidak membiarkan kamu tanpa seorang penebus. Termasyhurlah kiranya nama anak ini di Israel. ¹⁵ Semoga dia jugalah yang menjadi penyeri yang menyegarkan jiwamu dan memelihara kamu pada hari tuamu kerana menantumu yang mengasihimu dan yang lebih berharga bagimu daripada tujuh orang anak lelaki, telah

melahirkannya.”¹⁶ Naomi pun mengambil serta meriba bayi itu lalu menjadi pengasuhnya.

¹⁷ Para jiran wanita menamakan bayi itu sambil berkata, “Kepada Naomi, seorang putera telah dilahirkan.” Lalu mereka menamakan bayi itu Obed.

Dan Obed ialah bapa Isai, iaitu bapa Daud.

Salasilah Daud

¹⁸ Maka beginilah salasilah Peres: Zuriat Peres ialah Hezron,¹⁹ dan zuriat Hezron ialah Ram dan zuriat Ram pula ialah Aminadab²⁰ dan zuriat Aminadab ialah Nahason dan zuriat Nahason ialah Salmon²¹ dan zuriat Salmon ialah Boas dan kepada Boas lahirlah Obed²² dan kepada Obed lahirlah Isai dan kepada Isai lahirlah Daud.

1 SAMUEL

Kelahiran Samuel

1 ¹ Ada seorang lelaki suku Efraim bernama Elkana anak Yeroham anak Elihu anak Tohu anak Zuf dari Ramataim-Zofim di pergunungan Efraim. ² Dia beristeri dua, seorang bernama Hana dan yang seorang lagi bernama Penina. Penina mempunyai anak, tetapi Hana tidak. ³ Setiap tahun lelaki itu pergi dari kotanya untuk beribadat dan mempersembahkan korban di hadapan Tuhan alam semesta di Silo. Kedua-dua orang anak Eli, iaitu Hofni dan Pinehas, ialah imam Tuhan di sana. ⁴ Pada hari Elkana mempersembahkan korban, dia memberikan bahagian-bahagian korban itu kepada Penina, isterinya, serta kepada semua anaknya baik lelaki mahupun perempuan. ⁵ Dia memberikan bahagian dua kali ganda kepada Hana kerana dia mengasihinya meskipun Tuhan menutup rahim isterinya itu. ⁶ Hana sering disakiti dan dihina oleh madunya, Penina, kerana Tuhan menutup rahim Hana. ⁷ Demikianlah keadaan itu berlangsung tahun demi tahun. Setiap kali Hana pergi ke Bait Tuhan, madunya menyakiti hatinya

sehingga dia menangis dan tidak mahu makan.

⁸ Elkana, suaminya, berkata kepadanya, “Hana, mengapakah engkau menangis? Mengapakah engkau tidak mahu makan? Mengapakah engkau susah hati? Bukankah aku lebih berharga bagimu daripada sepuluh orang anak lelaki?”

⁹ Ada sekali, setelah mereka selesai makan dan minum di Silo, Hana pun berdiri. Pada ketika itu Imam Eli sedang duduk di sebuah kerusi berdekatan dengan ambang pintu Bait Suci Tuhan. ¹⁰ Dengan hati yang pedih, berdoalah Hana kepada Tuhan sambil menangis tersedu-sedu. ¹¹ Bernazarlah Hana, katanya, “Ya Tuhan alam semesta, jika sungguh-sungguh Engkau memperhatikan kesengsaraan hamba-Mu ini dan mengingatiku serta tidak melupakan hamba-Mu ini, tetapi memberi hamba-Mu ini seorang anak lelaki, maka hamba akan menyerahkan dia kepada Tuhan seumur hidupnya dan pisau cukur tidak akan menyentuh kepalanya.”

¹² Ketika perempuan itu terus-menerus berdoa di hadapan Tuhan, Eli mengamat-amati mulut perempuan itu. ¹³ Hana berkata-kata dalam hatinya dan hanya bibirnya sahaja bergerak-gerak, tetapi suaranya tidak kedengaran, maka Eli menyangka perempuan itu mabuk. ¹⁴ Lalu

kata Eli kepadanya, “Berapa lama lagi engkau akan mabuk? Lepaskanlah dirimu daripada mabukmu!”

¹⁵ Tetapi Hana menjawab, “Tidak, tuanku, hamba seorang perempuan yang sedang bersusah hati. Hamba tidak minum baik air anggur mahupun minuman keras, tetapi hamba baru sahaja mencurahkan isi hati hamba di hadapan Tuhan. ¹⁶ Janganlah anggap hambamu ini seorang perempuan yang nista. Atas sebab begitu besarnya keluh-kesah dan sakit hati hamba, maka hamba berdoa seperti ini sejak tadi.”

¹⁷ Jawab Eli, “Pulanglah dengan sejahtera. Semoga Allah Israel mengabulkan permintaan yang kausampaikan kepada-Nya itu.”

¹⁸ Kata Hana, “Semoga hambamu ini mendapat belas kasihan tuan.” Kemudian pulanglah perempuan itu lalu dia makan dan mukanya tidak muram lagi.

¹⁹ Keesokan harinya, bangunlah mereka pagi-pagi lalu beribadat di hadapan Tuhan. Setelah itu, mereka pulang dan tiba di rumah mereka di Rama. Ketika Elkana meniduri Hana, isterinya, Tuhan mengingati perempuan itu.

²⁰ Seiring berlalunya masa, Hana mengandung lalu melahirkan seorang anak lelaki yang

dinamainya Samuel. Katanya, “Kerana aku telah memintanya daripada Tuhan.”

²¹ Pada waktu Elkana, lelaki itu, pergi lagi dengan seluruh keluarganya untuk mempersembahkan di hadapan Tuhan korban sembelihan tahunan dan korban nazarnya,

²² Hana tidak ikut pergi. Katanya kepada suaminya, “Setelah anak ini sudah bercerai susu barulah aku akan membawanya, supaya dia menghadap hadirat Tuhan dan tinggal di sana untuk sepanjang hayatnya.”

²³ Elkana, suaminya, berkata kepadanya, “Lakukanlah apa yang kaupandang baik. Tinggallah sampai engkau menceraikan susunya. Semoga Tuhan melaksanakan firman-Nya.” Maka Hana tinggal di rumah dan menyusui anaknya sampai anak itu bercerai susu.

²⁴ Setelah anak itu bercerai susu, dia pun membawa dan menghantar anak itu ke Bait Tuhan di Silo. Dia juga membawa bersama-sama seekor lembu berumur tiga tahun, satu efa^h tepung, dan sekantung kulit air anggur. Pada waktu itu anak itu masih kecil. ²⁵ Lembu jantan itu disembelih, lalu anak itu dibawa kepada Eli. ²⁶ Kata perempuan itu, “Ya tuanku, demi hidup tuan, hambalah perempuan yang dahulu berdiri

^h**1:24** Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter.

di sini dekat tuan sambil berdoa kepada Tuhan.
²⁷ Untuk mendapat anak inilah hamba berdoa,
 dan Tuhan telah mengabulkan permintaan yang
 hamba sampaikan kepada-Nya. ²⁸ Oleh sebab
 itu hamba menyerahkan anak ini kepada Tuhan.
 Hidup sepanjang hayatnya terserah kepada
 Tuhan.”

Anak itu pun beribadat kepada Tuhan di sana.

Doa Hana

2 ¹ Lalu berdoalah Hana,
 “Hatiku bersuka ria kerana Tuhan;
 Kekuatanku disanjung tinggi kerana Tuhan.
 Mulutku mengecam para musuhku,
 kerana aku bersukacita atas pertolongan-Mu.
² Tiada yang suci seperti Tuhan.
 Tiada yang lain kecuali Engkau,
 tiada batu pejal seperti Allah kita.
³ Jangan terus-menerus bercakap sebegitu
 sombong,
 janganlah keangkuhan keluar daripada
 mulutmu,
 kerana Tuhan itu Allah Yang Maha Tahu
 dan melalui-Nya setiap perbuatan manusia
 dipertimbangkan.
⁴ Telah dipatahkan busur panah para kesateria,

tetapi sabuk orang yang lemah ialah kekuatan.

⁵ Kalangan yang dahulu kenyang kini menjadi orang upahan demi rezeki, tetapi tiada kelaparan bagi orang yang dahulunya lapar.

Yang dahulunya mandul kini tujuh orang anaknya, tetapi dahulu beranak ramai kini terbiar merana.

⁶ Tuhan mematikan dan juga menghidupkan; Dia menurunkan ke alam kubur dan membangkitkan.

⁷ Tuhan memapakan dan mengayakan, Dia merendahkan dan juga meninggikan.

⁸ Dia membangkitkan orang miskin daripada debu

dan mengangkat orang melarat daripada timbunan sampah

untuk didudukkan bersama dengan para bangsawan,

sehingga mereka mewarisi takhta kemuliaan.

Tiang-tiang bumi sememangnya milik Tuhan, dan di atasnya,

Dia menempatkan bumi ini.

⁹ Dia akan memelihara langkah kalangan yang salih,

tetapi orang fasiq akan tersingkir ke dalam kegelapan,

kerana berdayanya seseorang bukan atas kekuatannya sendiri.

¹⁰ Tuhan akan menghancurkanleburkan kalangan yang menentang-Nya, mengecam keras mereka bagaikan guruh di langit.

Tuhan akan mengadili seluruh bumi.

Dia akan mengurniakan kekuatan kepada raja yang diangkat-Nya dan memberikan kejayaan kepada orang pilihan-Nya.”

¹¹ Lalu pulanglah Elkana ke rumahnya di Rama tetapi anak itu menjadi penyelenggara ibadat kepada Tuhan di bawah pengawasan Imam Eli.

Kejahatan anak-anak Imam Eli

¹² Amat jahatnya kelakuan anak-anak lelaki Eli. Mereka tidak mengenal Tuhan.

¹³ Amalan masa itu ialah para imam bertindak sewenang-sewenangnya terhadap umat biasa. Ketika seseorang mempersembahkan korban sembelihan, pembantu imam akan datang membawa garpu serampang tiga sementara daging itu masih direbus. ¹⁴ Dia akan mencucukkan garpu ke dalam wadah, kual, belanga, atau periuk, lalu apa-apa pun yang terangkat oleh garpu itu akan diambil oleh imam untuk dirinya sendiri. Demikianlah yang

dilakukan mereka di Silo terhadap semua orang Israel yang datang ke sana. ¹⁵ Bahkan sebelum lemaknya dibakar, pembantu imam akan datang kepada orang yang mempersembahkan korban dan berkata, “Berikanlah daging itu kepada imam untuk dipanggang. Dia tidak mahu menerima daripadamu daging yang direbus, melainkan yang mentah.”

¹⁶ Jika orang itu berkata kepadanya, “Lemaknya harus dibakar dahulu. Setelah itu, ambillah sesuka hatimu,” maka hamba itu akan menjawab dia, “Berikan sekarang juga. Kalau tidak, aku akan mengambilnya dengan paksa!”

¹⁷ Jadi, sangatlah besar dosa para pemuda itu di hadapan Tuhan, kerana mereka memandang rendah persembahan yang diperintahkan Tuhan.

¹⁸ Sementara itu, Samuel menjadi penyelenggara ibadat di hadapan Tuhan.

Anak itu memakai baju efod daripada kain linen.

¹⁹ Ibunya biasa membuat sehelai jubah kecil untuknya, lalu setiap tahun jubah itu dibawanya untuk anaknya ketika dia pergi bersama-sama suaminya untuk mempersembahkan korban sembelihan tahunan. ²⁰ Kemudian Eli akan memohonkan berkat bagi Elkana dan isterinya, katanya, “Semoga Tuhan mengurniakan kepadamu keturunan daripada perempuan ini sebagai pengganti yang telah diserahkan

kepada Tuhan.” Setelah itu, mereka pulang ke tempat tinggal mereka.

²¹ Tuhan melawat Hana, sehingga dia mengandung dan melahirkan lagi tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Samuel yang muda itu pun bertambah besar di hadirat Tuhan.

²² Eli sudah sangat tua. Dia mendengar segala sesuatu yang dilakukan anak-anaknya terhadap semua orang Israel dan bahawa mereka tidur dengan perempuan-perempuan yang menunaikan tugas di muka pintu Khemah Pertemuan. ²³ Katanya kepada mereka, “Mengapakah kamu melakukan hal-hal semacam itu? Kudengar khabar tentang segala kejelikan perbuatan kamu terhadap seluruh umat itu.

²⁴ Jangan begitu, anak-anakku. Yang kudengar ialah khabar buruk yang tersebar dalam kalangan umat Tuhan. ²⁵ Jika seseorang berdosa terhadap orang lain, maka Allah akan menghakiminya.

Tetapi jika seseorang berdosa terhadap Tuhan, siapakah yang akan menjadi orang tengahnya?” Namun demikian, mereka tidak mengendahkan kata-kata ayah mereka, kerana Tuhan hendak mematikan mereka.

²⁶ Samuel yang muda itu semakin besar dan semakin disukai, baik oleh Tuhan mahupun oleh manusia.

Tuhan **menyisihkan Imam Eli dan keluarganya**

²⁷ Suatu waktu datanglah seorang hamba Allah kepada Eli dan berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, ‘Bukankah ketika orang Israel masih di Mesir dan masih di bawah kuk keturunan Firaun, Aku telah menyatakan diri-Ku kepada para leluhurmu? ²⁸ Daripada kalangan semua suku Israel, Aku memilih dia untuk menjadi imam bagi-Ku, untuk naik ke mazbah-Ku, untuk membakar dupa, dan memakai baju efod di hadirat-Ku. Aku pun mengurniakan kepada keluarga leluhurmu segala korban bakaran orang Israel. ²⁹ Jadi, mengapakah kamu semua haloba serta meremehkan korban sembelihan dan persembahan bahan makanan bagi-Ku, serta mengetepikan Aku? Mengapakah engkau menghormati anak-anakmu melebihi Aku, dan menggemukkan diri dengan bahagian-bahagian yang terbaik daripada segala persembahan umat-Ku, orang Israel?’ ³⁰ Jadi, demikianlah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Aku memang telah berfirman bahawa keluargamu dan keluarga

leluhurmu akan hidup di hadapan-Ku untuk selama-lamanya,' tetapi sekarang, demikianlah firman Tuhan, 'jauhlah hal itu daripada-Ku! Orang yang memuliakan-Ku akan Kumuliakan, dan orang yang meremehkan Aku akan dipandang hina. ³¹ Sesungguhnya, akan datang harinya Aku mematahkan kekuatanmu dan kekuatan keluarga leluhurmu sehingga tidak akan ada seorang pun yang tua dalam keluargamu. ³² Engkau akan memandang kesesakan di tempat hadirat-Ku. Walaupun segala kebaikan akan dikurniakan kepada Israel, tidak akan ada seorang yang tua dalam keluargamu untuk selamanya. ³³ Setiap orang dalam kalanganmu yang tidak Kulenyapkan daripada mazbah-Ku akan membuat matamu sayu dan menggusari hatimu, dan semua keturunan keluargamu akan mati pada masa akil baligh mereka. ³⁴ Hal yang akan menimpa kedua-dua orang anakmu, Hofni dan Pinehas, akan menjadi tanda bagimu: pada hari yang sama kedua-duanya akan mati. ³⁵ Kemudian Aku akan membangkitkan bagi-Ku seorang imam yang penuh amanah dan yang akan bertindak selaras dengan kehendak hati dan jiwa-Ku. Aku akan membangunkan baginya sebuah keluarga yang teguh, dan dia akan sentiasa hidup di hadapan

orang yang Kulantik. ³⁶ Kemudian, sesiapa daripada kalangan keluargamu yang masih hidup akan datang bersujud kepadanya untuk meminta sekeping perak dan sebuku roti sambil berkata, “Kumohon masukkanlah aku ke dalam salah satu jawatan imam, supaya aku dapat makan sekeping roti.”

Samuel terpenggil

3 ¹ Samuel yang muda itu mengerjakan amalan ibadat kepada Tuhan di bawah pengawasan Eli. Pada masa itu jarang-jarang didapati firman Tuhan dan juga tidak begitu sering berlakunya penglihatan. ² Pada suatu hari Eli, yang matanya mulai kabur dan tidak dapat melihat dengan baik itu sedang berbaring di tempat tidurnya. ³ Pelita Bait Suci Allah belum lagi padam dan Samuel sedang berbaring di tempat tabut Allah di dalam Bait Suci Tuhan. ⁴ Lalu Tuhan memanggil Samuel, dan dia menjawab, “Ya, aku ada di sini,” ⁵ lalu dia berlari kepada Eli dan berkata, “Ini aku. Tuan memanggilku?”

Jawabnya, “Aku tidak memanggilmu. Berbaringlah lagi.” Lalu pergilah dia berbaring.

⁶ Tuhan memanggil Samuel sekali lagi. Maka bangunlah Samuel lalu pergi mendapatkan Eli seraya berkata, “Ya, aku ada di sini, bukankah tuan memanggil aku?”

Tetapi Eli berkata, “Aku tidak memanggil, anakku; tidurlah semula.” ⁷ Samuel belum lagi mengenal Tuhan bahkan firman Tuhan belum pernah dinyatakan kepadanya.

⁸ Kemudian Tuhan memanggil Samuel sekali lagi, buat kali ketiganya. Samuel pun bangunlah, lalu pergi mendapatkan Eli seraya katanya, “Ya, aku ada di sini, bukankah tuan memanggil aku?”

Maka mengertilah Eli bahawa Tuhan yang memanggil anak itu. ⁹ Lalu Eli berkata kepada Samuel, “Pergilah berbaring. Nanti, jika Dia memanggil engkau, katakanlah, ‘Ya Tuhan, berfirmanlah, hamba-Mu ini mendengarkannya.’” Maka pergilah Samuel berbaring di tempatnya.

¹⁰ Tuhan pun hadir dan memanggilnya seperti yang sudah-sudah, “Samuel! Samuel!”

Jawab Samuel, “Berfirmanlah, hamba-Mu ini mendengarkannya.”

¹¹ Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Samuel, “Ketahuilah, Aku akan melakukan sesuatu di Israel, sehingga akan berdesing kedua-dua belah telinga setiap orang yang mendengarnya. ¹² Pada hari itu Aku akan melaksanakan segala sesuatu yang telah Kufirmankan kepada Eli mengenai keluarganya, daripada permulaan hingga penghabisannya. ¹³ Aku telah memberitahunya bahawa Aku akan menghukum keluarganya untuk selama-lamanya atas kesalahan yang telah

diketuinya. Anak-anaknya telah mendatangkan kutukan atas diri mereka sendiri, namun Eli masih tidak menghalang kemungkaran mereka. ¹⁴ Oleh sebab itu Aku telah bersumpah kepada keluarga Eli, bahawa kesalahan keluarga Eli tidak akan dapat dihapuskan dengan korban sembelihan atau dengan persembahan bahan makanan untuk selama-lamanya.”

¹⁵ Samuel berbaring sampai pagi hari, lalu dibukanya pintu-pintu Bait Tuhan. Samuel berasa takut untuk memberitahukan penglihatan itu kepada Eli. ¹⁶ Tetapi Eli memanggil Samuel, katanya, “Samuel, anakku.”

Jawabnya, “Ya, aku ada di sini.”

¹⁷ Kata Eli, “Firman apakah yang telah disampaikan kepadamu? Kumohon, jangan sembunyikan hal itu daripada aku. Biarlah Allah menjatuhkan azab kepadamu, bahkan lebih lagi, jika engkau menyembunyikan daripadaku sedikit sahaja daripada segala yang difirmankan-Nya kepadamu.” ¹⁸ Maka Samuel memberitahu kepadanya segala hal itu tanpa menyembunyikan apa-apa. Kata Eli, “Dialah Tuhan. Biarlah Dia melakukan apa yang dipandang baik oleh-Nya.”

¹⁹ Samuel semakin besar. Tuhan menyertainya dan tidak membiarkan satu pun daripada firman-Nya yang disampaikan melaluinya tergugur. ²⁰ Maka seluruh Israel, dari Dan

sampai Bersyeba, tahu bahawa jawatan nabi Tuhan sudah disahkan kepada Samuel. ²¹ Tuhan kembali menampakkan diri di Silo, dan melalui firman-Nya, Tuhan menyatakan diri-Nya kepada Samuel di Silo.

4 ¹ Perkataan Samuel sampai kepada semua orang Israel.

Orang Filistin menawan tabut perjanjian Allah

Maka majulah orang Israel untuk menghadapi orang Filistin dalam peperangan. Mereka berkhemah dekat Eben-Haezer manakala orang Filistin berkhemah di Afek. ² Orang Filistin mengatur barisan untuk berhadapan dengan orang Israel dan berjaya menewaskan kira-kira empat ribu orang Israel di medan perang itu ketika pertempuran begitu sengit lagi meluas. ³ Ketika anggota pasukan yang selamat sampai di perkhemahan, berkatalah para tua-tua Israel, “Mengapakah hari ini Tuhan membuat kita kalah di hadapan orang Filistin? Mari kita membawa tabut perjanjian Tuhan dari Silo ke sini, supaya Dia hadir antara kita dan menyelamatkan kita daripada tangan musuh-musuh kita ini.” ⁴ Mereka pun menyuruh beberapa orang ke Silo untuk membawa tabut perjanjian Tuhan

alam semesta, yang bersemayam di atas para kerubin. Kedua-dua orang anak Eli, iaitu Hofni dan Pinehas mengiring tabut perjanjian Allah itu.

⁵ Sebaik sahaja tibanya tabut perjanjian Tuhan di perkhemahan, bersoraklah seluruh orang Israel dengan nyaring, sehingga bumi bergoncang. ⁶ Dan orang Filistin yang mendengar bunyi sorak itu berkata, “Apakah bunyi sorak yang nyaring di perkhemahan orang Ibrani itu?” Lalu diketahuilah mereka bahawa tabut Tuhan telah sampai di perkhemahan itu. ⁷ Maka orang Filistin menjadi ketakutan. Kata mereka, “Allah mereka telah datang ke perkhemahan itu!” Kata mereka lagi, “Malangnya kita! Hal semacam ini belum pernah terjadi dahulu. ⁸ Malangnya kita! Siapakah yang dapat melepaskan kita daripada tuhan-tuhanⁱ yang maha besar ini? Tuhan-tuhan inilah yang telah memusnahkan orang Mesir dengan berbagai-bagai wabak di gurun. ⁹ Kuatkanlah hatimu dan bertindaklah seperti lelaki, wahai orang Filistin, supaya jangan kamu menjadi hamba orang Ibrani sebagaimana mereka menjadi hambamu. Berlakulah seperti lelaki dan berperanglah!”

ⁱ4:8 Orang Filistin berpendapat bahawa orang Israel mempunyai lebih daripada satu Tuhan.

¹⁰ Lalu berperanglah orang Filistin, dan orang Israel pun tewas lalu mereka melarikan diri ke khemah masing-masing. Terjadilah pembunuhan yang amat besar, dan daripada tentera orang Israel, gugur tiga puluh ribu orang pasukan berjalan kaki. ¹¹ Selain itu, tabut Allah pun dirampas dan kedua-dua anak Eli, iaitu Hofni dan Pinehas, terbunuh.

Kematian Eli

¹² Pada hari itu juga ada seorang Benyamin yang lari meninggalkan barisan perang menuju Silo. Pakaianya koyak-koyak dan ada debu tanah di atas kepalanya. ¹³ Ketika tibanya di Silo, Eli yang sedang menunggu-nunggu itu duduk di sebuah kerusi di tepi jalan. Hatinya gementar kerana tabut Allah itu. Orang itu masuk ke dalam kota dan menyampaikan berita tentang apa yang terjadi. Maka berteriaklah seluruh penduduk kota. ¹⁴ Apabila terdengar olehnya bunyi jeritan itu, Eli pun bertanya, “Kekecohan apakah itu?” Orang itu segera datang dan memberitahukan apa yang terjadi kepada Eli. ¹⁵ Pada waktu itu umur Eli sembilan puluh delapan tahun dan matanya sudah kabur sehingga dia tidak dapat melihat lagi. ¹⁶ Kata orang itu kepada Eli, “Aku baru sahaja datang dari medan perang. Hari ini aku lari meninggalkan barisan hadapan.”

Tanya Eli, “Bagaimanakah keadaan peperangan itu, wahai anakku?”

¹⁷ Jawab pembawa khabar itu, “Orang Israel kalah teruk dan lari dari hadapan orang Filistin, bahkan ramai warga kita yang terkorban. Kedua-dua orang anak tuan, Hofni dan Pinehas, mati juga dan tabut Allah telah dirampas oleh musuh.”

¹⁸ Apabila dikhabarkan fasal tabut perjanjian Allah itu, jatuhlah Eli telentang dari kerusi di sebelah pintu gerbang, batang lehernya patah lalu matilah dia yang gemuk dan sudah begitu lanjut usia. Selama empat puluh tahun dia memerintah sebagai hakim kepada orang Israel.

¹⁹ Pada waktu itu, menantu perempuannya, iaitu isteri Pinehas, sedang mengandung dan hampir bersalin. Apabila perempuan itu mendengar khabar tentang tabut Allah yang telah dirampas dan tentang mertuanya serta suaminya yang telah meninggal, dia pun berlutut lalu melahirkan anaknya, kerana tiba-tiba dia dilanda rasa sakit bersalin. ²⁰ Pada waktu ajalnya mendekat, berkatalah perempuan-perempuan yang berdiri di sisinya, “Jangan takut, kerana engkau telah melahirkan seorang anak lelaki.” Namun demikian, dia tidak menjawab ataupun memberi perhatian. ²¹ Lalu anak itu dinamainya Ikabod. Katanya, “Kemuliaan sudah hilang dari

Israel” – kerana tabut Allah telah dirampas dan kerana mertua serta suaminya itu. ²² Katanya, “Sudah hilang kemuliaan daripada Israel, kerana tabut Allah telah dirampas.”

Tabut perjanjian Allah di tanah orang Filistin

5 ¹ Setelah merampas tabut Allah, orang Filistin pun membawanya dari Eben-Haezer ke Asdod. ² Kemudian orang Filistin membawa tabut Allah itu masuk ke kuil Dagon, dan meletakkannya di samping patung Dagon itu. ³ Keesokan harinya, ketika orang Asdod bangun pagi-pagi, tampaklah Dagon terjatuh dengan mukanya menyembam ke tanah di hadapan tabut Tuhan; lalu mereka mengambil Dagon dan mengembalikannya ke tempatnya. ⁴ Tetapi keesokan harinya ketika mereka bangun pagi-pagi, tampaklah Dagon terjatuh dengan mukanya tersembam ke tanah di hadapan tabut Tuhan, sementara kepala Dagon dan kedua-dua belah tangannya terpenggal dan terpelanting ke ambang pintu, yang tinggal hanya badan Dagon itu. ⁵ Itulah sebabnya para imam Dagon dan semua orang yang masuk ke dalam kuil Dagon tidak memijak ambang pintu kuil Dagon di Asdod, sampai hari ini.

⁶ Begitu berat tekanan tangan Tuhan atas orang Asdod, bahkan Dia membinasakan Asdod dan menimpa daerah-daerahnya dengan

ketumbuhan. ⁷ Setelah orang Asdod menyadari apa yang terjadi, berkatalah mereka, “Tabut Allah Israel ini tidak boleh tinggal bersama-sama kita, kerana tangan-Nya menimpa kita dan juga Dagon tuhan kita dengan berat.” ⁸ Oleh sebab itu, mereka meminta agar semua raja kota orang Filistin dikumpulkan, lalu bertanya, “Apakah yang harus kita lakukan dengan tabut Allah Israel ini?”

Jawab mereka, “Pindahkan tabut Allah Israel itu ke Gat.” Lalu mereka memindahkan tabut Allah Israel itu.

⁹ Namun begitu, setelah mereka memindahkan tabut itu ke kota itu, tangan Tuhan juga mendatangkan kegemparan yang amat besar di sana. Dia mendatangkan seksa terhadap penduduk kota itu, daripada yang kecil kepada yang besar, sehingga muncul wabak ketumbuhan dalam kalangan mereka. ¹⁰ Lalu mereka menghantar tabut Allah itu ke Ekron.

Tetapi apabila tabut Allah tiba di Ekron, menjeritlah orang Ekron. Kata mereka, “Mereka memindahkan tabut Allah Israel ini ke tempat kita untuk mematikan kita dan rakyat kita!”

¹¹ Oleh sebab itu, mereka meminta agar semua raja kota orang Filistin dikumpulkan, lalu berkata, “Hantarlah tabut Allah Israel ini kembali ke tempatnya, supaya jangan kita dan rakyat kita terbunuh.” Di seluruh kota itu memang ada

kegemparan yang mematikan. Tangan Allah menekan mereka dengan sangat berat di sana. ¹² Orang yang tidak mati ditimpa dengan wabak ketumbuhan sehingga teriakan kota itu naik menjulang ke langit.

Tabut dikembalikan kepada orang Israel

6 ¹ Selama tujuh bulan tabut Tuhan berada di bumi orang Filistin. ² Maka orang Filistin memanggil para imam dan penenung serta berkata, “Apakah yang harus kita lakukan dengan tabut Tuhan ini? Beritahulah kami bagaimana kami harus menghantarnya kembali ke tempatnya.”

³ Lalu kata mereka, “Apabila kamu menghantar tabut Allah Israel itu, janganlah kamu menghantarnya dengan tangan kosong. Sebaliknya, hendaklah kamu membayar dengan korban penebus kesalahan kepada-Nya; maka kamu akan menjadi sembuh dan kamu akan tahu mengapa tangan-Nya tidak ditarik balik daripadamu.”

⁴ Sesudah itu bertanyalah mereka, “Apakah korban penebus kesalahan yang harus kami bayar kepada-Nya?”

Jawab mereka, “Menurut jumlah para raja kota Filistin, lima ketumbuhan emas dan lima ekor tikus emas, kerana wabak yang sama

menimpa kamu semua dan raja-raja kotamu.

⁵ Buatlah tiruan ketumbuhanmu dan tiruan tikus-tikus yang merosakkan negerimu, lalu muliakanlah Allah Israel. Mudah-mudahan Dia akan mengundurkan tangan-Nya daripadamu, daripada tuhan-tuhanmu, dan dari negerimu.

⁶ Apakah untungnya kamu mengeraskan hati seperti halnya orang Mesir dan Firaun? Ketika Dia mempermainkan mereka, bukankah mereka melepaskan umat itu pergi? ⁷ Oleh itu, ambillah dan siapkanlah sebuah pedati baru dengan dua ekor lembu yang masih menyusui, yang belum pernah dikenakan kuk, pasanglah kedua-dua lembu itu pada pedati, tetapi bawalah anak-anak lembu itu balik ke kandang induknya, supaya tidak mengikutinya lagi. ⁸ Kemudian, ambillah tabut Tuhan itu dan letakkan di dalam pedati. Taruhlah barang-barang emas yang akan kamu persembahkan kepada-Nya sebagai korban penebus kesalahan di dalam sebuah peti, di sisi tabut itu, lalu hantarlah tabut itu pergi.

⁹ Perhatikanlah, jika tabut itu menempuh jalan menuju daerahnya sendiri, iaitu ke Bet-Semes, maka Dialah yang telah mendatangkan malapetaka besar ini terhadap kita. Tetapi jika tidak, maka kita akan tahu bahawa bukan tangan-Nya yang menyerang kita. Kebetulan sahaja hal itu terjadi kepada kita.”

¹⁰ Demikianlah dilakukan oleh para warga Filistin itu. Mereka mengambil dua ekor lembu yang menyusui, dipasangnya pada pedati, tetapi anak-anaknya ditahan di kandang induknya.

¹¹ Tabut perjanjian Tuhan diletakkan mereka di dalam pedati, bersama-sama peti berisi tikus-tikus emas dan ketumbuhan tiruan itu.

¹² Lalu lembu-lembu itu terus berjalan menuju ke Bet-Semes. Sambil terus menempuh jalan raya itu kedua-duanya melenguh-lenguh dan tidak menyimpang ke kanan ataupun ke kiri. Raja-raja kota orang Filistin itu pun mengikuti mereka sampai perbatasan Bet-Semes.

¹³ Pada waktu itu, warga Bet-Semes sedang menuai gandum mereka di lembah. Ketika mereka melayangkan pandangan, tampaklah tabut itu. Mereka pun bersukacita melihatnya.

¹⁴ Pedati itu sampai di ladang Yosua, orang Bet-Semes itu, dan berhenti di sana. Di situ ada sebuah batu besar. Maka umat itu pun membelah kayu pedati itu dan mempersembahkan lembu-lembu sebagai korban bakaran kepada Tuhan.

¹⁵ Sementara itu bani Lewi menurunkan tabut Tuhan berserta peti berisi barang-barang emas itu, lalu meletakkan kesemuanya di atas batu besar itu. Pada hari itu juga umat Bet-Semes mempersembahkan korban bakaran dan korban-korban sembelihan kepada Tuhan.

¹⁶ Setelah kelima-lima orang raja kota orang Filistin menyaksikan hal itu, pulanglah mereka ke Ekron pada hari itu juga.

¹⁷ Inilah kesemua ketumbuhan emas yang dipersembahkan orang Filistin kepada Tuhan sebagai korban penebus kesalahan: satu bagi Asdod, satu bagi Gaza, satu bagi Askelon, satu bagi Gat, dan satu bagi Ekron. ¹⁸ Tikus-tikus emas itu pun selaras dengan jumlah semua kota orang Filistin milik kelima-lima orang raja kota itu, dari kota yang berkubu sampai ke daerah pedesaan serta ke batu besar di Abel, tempat orang meletakkan tabut Tuhan itu. Batu itu berada di ladang Yosua, orang Bet-Semes, sampai hari ini.

¹⁹ Akan tetapi, Allah memusnahkan umat Bet-Semes kerana mereka telah melihat ke dalam tabut Tuhan itu. Daripada kalangan umat itu, Dia memusnahkan tujuh puluh orang. Lalu berkabunglah umat itu kerana Tuhan telah memusnahkan sebilangan besar orang daripada kalangan mereka.

²⁰ Kata orang Bet-Semes, “Siapakah dapat bertahan di hadapan Tuhan, Allah yang Kudus ini? Kepada siapakah Dia akan berangkat meninggalkan kita ini?” ²¹ Kemudian mereka mengirinkan beberapa orang utusan kepada penduduk Kiryat-Yearim dengan pesan, “Orang

Filistin telah memulangkan semula tabut Tuhan. Datanglah dan angkutlah tabut itu ke tempatmu.”

7¹ Maka kaum lelaki Kiryat-Yearim datang mengangkut tabut Tuhan lalu membawanya ke rumah Abinadab di bukit dan mentahbiskan Eleazar, anaknya, untuk menjaga tabut Tuhan itu.

² Maka lamalah tabut itu berada di Kiryat-Yearim, iaitu selama dua puluh tahun lalu dalam tempoh itu seluruh keturunan kaum Israel meratap dan rindu akan Tuhan.

Samuel menghakimi orang Israel

³ Maka berkatalah Samuel kepada seluruh keturunan kaum Israel demikian, “Jika kamu berpaling kepada Tuhan dengan segenap hati, jauhkanlah tuhan asing dan segala patung berhala Asytoret dari tengah-tengahmu serta tujukan hatimu kepada Tuhan dan beribadatlah hanya kepada-Nya; maka Dia akan melepaskan kamu daripada tangan orang Filistin.” ⁴ Lalu orang Israel menyingkirkan para Baal dan Asytoret, dan mereka beribadat kepada Tuhan sahaja. ⁵ Kata Samuel, “Kumpulkanlah semua orang Israel di Mizpa. Aku hendak berdoa kepada Tuhan untuk kamu.” ⁶ Maka berkumpullah mereka di Mizpa. Mereka menimba air dan mencurahkanya di

hadapan Tuhan. Pada hari itu mereka berpuasa di sana dan berkata, “Kami telah berdosa terhadap Tuhan.” Samuel pun menjadi hakim kepada orang Israel di Mizpa.

⁷ Ketika orang Filistin mendengar bahwa orang Israel berkumpul di Mizpa, majulah raja-raja kota orang Filistin mendatangi umat Israel. Hal itu didengar oleh orang Israel, dan mereka ketakutan menghadapi orang Filistin. ⁸ Kata orang Israel kepada Samuel, “Janganlah berhenti berseru bagi kami kepada Tuhan, Allah kita, supaya diselamatkan-Nya kami daripada tangan orang Filistin.” ⁹ Lalu Samuel mengambil seekor anak domba yang masih menyusu dan mempersembahkannya bulat-bulat sebagai korban bakaran kepada Tuhan. Samuel berseru kepada Tuhan bagi orang Israel dan Tuhan menjawabnya. ¹⁰ Sementara Samuel mempersembahkan korban bakaran itu, orang Filistin maju mendekat untuk berperang melawan orang Israel. Akan tetapi, pada hari itu, kepada orang Filistin, Tuhan memperdengarkan bunyi guruh yang teramat kuat terhadap orang Filistin dan mengharu-birukan mereka sehingga pasukan mereka tumpas di hadapan orang Israel. ¹¹ Lalu keluarlah orang Israel dari Mizpa untuk mengejar orang Filistin, dan menyerang mereka sehingga hilir Bet-Kar.

¹² Kemudian Samuel mengambil sebuah batu dan mendirikannya di antara Mizpa dengan Yesana^j. Dia menamainya Eben-Haezer, katanya, “Sampai di sini Tuhan telah menolong kita.”

¹³ Demikianlah orang Filistin itu ditundukkan dan tidak lagi memasuki daerah Israel. Tangan Tuhan melawan orang Filistin seumur hidup Samuel, ¹⁴ dan kota-kota yang diambil orang Filistin daripada Israel mulai Ekron sampai Gat, berbalik semula ke tangan Israel, dan orang Israel merebut daerah sekitarnya daripada tangan orang Filistin. Pada waktu itu, orang Israel hidup berdamai dengan orang Amori.

¹⁵ Samuel menjadi hakim kepada orang Israel seumur hidupnya. ¹⁶ Setiap tahun dia berjalan mengelilingi Betel, Gilgal, dan Mizpa. Di semua tempat itu dia menjadi hakim kepada orang Israel. ¹⁷ Namun demikian, dia selalu kembali ke Rama, kerana di sanalah rumahnya dan di sanalah dia menjadi hakim kepada orang Israel. Dia mendirikan sebuah mazbah bagi Tuhan di sana.

Orang Israel mahukan seorang raja

8 ¹ Apabila Samuel sudah tua, dia melantik anak-anaknya untuk menjadi hakim kepada

^j7:12 Perkataan lain dlm Bhs Ibrani, Shen

orang Israel. ² Anaknya yang sulung bernama Yo'el, dan yang kedua Abia. Mereka menjadi hakim di Bersyeba. ³ Namun begitu, pekerti mereka bukan sahaja tidak seperti bapa mereka, malahan mereka tidak hidup mengikuti jejaknya. Mereka menyimpang demi mengejar laba dan mereka menerima rasuah serta memutarbalikkan keadilan.

⁴ Kemudian semua tua-tua Israel berkumpul lalu datang menghadap Samuel di Rama. ⁵ Kata mereka kepadanya, “Sesungguhnya, tuan sudah tua dan anak-anak tuan tidak hidup mengikuti jejak tuan. Sekarang, lantiklah bagi kami seorang raja untuk memerintah kami seperti semua bangsa lain.” ⁶ Tetapi Samuel amat tidak senang apabila mereka berkata, “Berikanlah kepada kami seorang raja untuk memerintah kami,” lalu berdoalah dia kepada Tuhan. ⁷ Kemudian Tuhan berfirman kepada Samuel, “Tunaikanlah segala permintaan umat itu kepadamu. Mereka bukannya menolak engkau tetapi mereka menolak Aku kerana tidak mahu Aku bertakhta atas mereka. ⁸ Sebagaimana mereka memperlakukan Aku sejak Aku memimpin mereka keluar dari Mesir bahkan sampai hari ini, iaitu meninggalkan Aku dan beribadat kepada

pelbagai tuhan lain, demikian jugalah mereka memperlakukan kamu. ⁹ Oleh itu, tunaikanlah permintaan mereka, hanya peringatkanlah mereka dengan sungguh-sungguh dan beritahu mereka apa yang menjadi hak raja yang kelak memerintah mereka.”

¹⁰ Maka Samuel menyampaikan seluruh firman Tuhan kepada khalayak orang yang meminta kepadanya seorang raja. ¹¹ Katanya, “Inilah hak raja yang akan bertakhta atas kamu: dia akan mengambil anak-anak kamu untuk ditugaskan kepada ratanya dan sebagai pasukan berkudanya, lalu mereka harus berlari di depan ratanya. ¹² Akan diangkatnya sesetengah mereka untuk menjadi pemimpin pasukan seribu dan pemimpin pasukan lima puluh. Sesetengah mereka terpaksa membajak tanahnya, menuai tuaiannya, dan membuat senjata-senjata serta peralatan segala ratanya. ¹³ Akan diambilnya anak-anak perempuanmu untuk menjadi pembuat rempah, tukang masak, dan pembuat roti. ¹⁴ Dia pun akan mengambil hasil yang terbaik dari ladang-ladangmu, kebun-kebun anggurmumu, dan kebun-kebun zaitunmu lalu memberikannya kepada para pegawainya. ¹⁵ Selain itu, dia akan mengambil sepersepuluh daripada hasil benihmu dan kebun anggurmumu, lalu memberikannya kepada para pegawai

istana dan pembantunya. ¹⁶ Akan diambilnya para hambamu baik yang lelaki mahupun yang perempuan, para pemudamu yang terbaik, dan keldaimu, lalu menggunakan semua itu untuk urusannya sendiri. ¹⁷ Akan diambilnya juga sepersepuluh daripada kawanan dombamu, dan kamu akan menjadi hamba-hambanya. ¹⁸ Pada waktu itu kamu akan berteriak mengadu fasal rajamu yang telah kamu pilih itu, tetapi Tuhan tidak akan menjawab kamu pada waktu itu.”

¹⁹ Namun umat itu tidak mahu mendengar kata-kata Samuel. Kata mereka, “Tidak! Kami tetap mahukan raja yang memerintah kami, ²⁰ supaya kami juga menjadi seperti semua bangsa lain. Raja kami itu akan memerintah atas kami, maju memimpin kami, dan berperang dalam peperangan kami.” ²¹ Samuel mendengar segala yang dikatakan bangsa itu lalu menyampaikannya kepada Tuhan. ²² Firman Tuhan kepada Samuel, “Dengarlah kata-kata mereka dan lantiklah seorang raja bagi mereka.” Kemudian Samuel berkata kepada orang Israel, “Pulanglah masing-masing ke kotanya.”

Saul dilantik menjadi raja

9 ¹ Ada seorang lelaki bani Benyamin yang kaya raya bernama Kish anak Abiel anak Zeror anak Bekhorat anak Afiah. ² Dia mempunyai seorang

anak bernama Saul, seorang pemuda yang tegap lagi tampan. Tiada seorang pun pemuda orang Israel yang lebih tampan daripadanya. Dari bahu ke atas, ketinggianya melebihi semua orang daripada umat sebangsanya.

³ Pada suatu hari, Kish, ayah Saul, kehilangan beberapa ekor keldai. Maka kata Kish kepada Saul, anaknya, “Bawalah salah seorang pembantu bersama-samamu dan pergilah segera mencari keldai-keldai itu.” ⁴ Saul dan pembantu itu berjalan melalui Efraim dan Tanah Salisa, tetapi tidak juga dijumpai mereka haiwan-haiwan itu. Kemudian mereka berjalan melalui Tanah Sahalim, tetapi di sana pun mereka tidak menjumpai keldai-keldai itu. Selanjutnya mereka berjalan melalui Tanah Benyamin namun masih tidak menemukan keldai-keldai itu. ⁵ Setibanya mereka di Tanah Zuf, berkatalah Saul kepada pembantu yang menyertainya, “Mari kita pulang. Jangan-jangan ayahku sudah tidak peduli lagi akan keldai-keldai itu tetapi sebaliknya khawatir tentang keadaan kita.”

⁶ Jawab pembantu itu kepadanya, “Tunggu sebentar, di kota ini ada seorang hamba Allah yang sangat dihormati. Segala yang dikatakannya akan terjadi. Mari kita pergi ke sana sekarang. Barangkali dia dapat memberitahu kita jalan yang perlu kita lalui.”

⁷ Kata Saul kepada pembantunya, “Tetapi jika kita pergi ke sana, apakah yang akan kita bawa untuk orang itu? Roti di kantung kita sudah habis. Tidak ada pemberian yang dapat kita bawa kepada hamba Allah itu. Apakah yang masih ada pada kita?”

⁸ Pembantu itu menjawab Saul lagi, “Lihat, di tanganku masih ada seperempat syikal perak. Aku akan memberikannya kepada hamba Allah itu supaya dia memberitahu kita jalan yang harus kita tempuh.”

⁹ (Dahulu di Israel, apabila seseorang pergi mencari petunjuk Allah, dia akan berkata, “Mari kita pergi kepada pelihat,” kerana yang sekarang disebut nabi, dahulu disebut pelihat.) ¹⁰ Kata Saul kepada pembantunya, “Bagus usulmu itu. Mari kita pergi.” Maka pergilah mereka ke kota tempat hamba Allah itu berada. ¹¹ Ketika mereka sedang menempuh jalan menanjak ke kota itu, mereka bertemu dengan beberapa orang gadis yang keluar untuk menimba air. Mereka pun bertanya kepada gadis-gadis itu, “Apakah ada pelihat di sini?”

¹² Jawab para gadis itu kepada mereka, “Ya, ada, dia baru sahaja mendahului kamu, cepat-cepatlah sekarang. Dia datang ke kota hari ini, kerana ada perjamuan korban untuk orang ramai di atas bukit pada hari ini. ¹³ Apabila

kamu masuk ke kota, kamu akan segera menjumpainya, sebelum dia naik ke bukit untuk makan. Sebabnya orang ramai tidak akan makan, sebelum dia datang kerana dialah yang memberkati korban, kemudian barulah para undangan makan. Pergilah sekarang, supaya kamu akan menjumpainya dengan segera.”

¹⁴ Maka naiklah mereka ke kota, dan ketika mereka memasuki kota, Samuel yang berjalan keluar untuk naik ke bukit, berjalan menuju ke arah mereka.

¹⁵ Sehari sebelum kedatangan Saul, Tuhan telah menyatakan kepada Samuel demikian,

¹⁶ “Esok, pada waktu seperti ini, Aku akan menyuruh seorang lelaki dari Tanah Benyamin datang kepadamu. Lantiklah dia untuk menjadi pemimpin atas umat-Ku, orang Israel. Dia akan menyelamatkan umat-Ku daripada tangan orang Filistin, kerana Aku telah memperhatikan umat-Ku. Seruan mereka telah sampai kepada-Ku.”

¹⁷ Ketika Samuel melihat Saul, berfirmanlah Tuhan kepadanya, “Inilah orang yang Kukatakan kepadamu itu. Orang inilah yang akan memerintah umat-Ku.” ¹⁸ Sementara itu Saul menghampiri Samuel di pintu gerbang dan berkata, “Tolong beritahukan kepadaku, di manakah rumah pelihat itu?”

¹⁹ Jawab Samuel kepada Saul, “Akulah pelihat itu. Naiklah mendahului aku ke bukit pemujaan, kerana pada hari ini kamu akan makan bersama-sama. Esok pagi, aku akan membiarkan kamu pergi dan memberitahumu segala sesuatu yang ada dalam hatimu. ²⁰ Janganlah engkau khuatir fasal keldai-keldaimu yang hilang tiga hari yang lalu itu, kerana keldai-keldai itu sudah ditemukan. Tetapi segala yang didamba orang Israel dituju kepada siapa? Bukankah kepada dirimu dan kepada seluruh keluargamu?”

²¹ Kata Saul, “Bukankah aku ini orang Benyamin, yang terkecil antara suku-suku Israel? Bukankah kaumku pun yang terkecil antara kaum-kaum suku Benyamin? Mengapakah tuan mengatakan hal semacam itu kepadaku?”

²² Samuel mengajak dan membawa Saul serta pembantunya masuk ke balai pertemuan. Didudukkannya mereka di tempat yang paling utama antara undangan yang berjumlah kira-kira tiga puluh orang. ²³ Kemudian Samuel berkata kepada tukang masak, “Bawalah bahagian korban yang kukirimkan kepadamu itu, yang telah kupesankan, ‘Asingkanlah ini.’ ” ²⁴ Tukang masak itu mengambil paha berserta apa yang ada pada paha itu lalu meletakkannya di hadapan Saul. Kata Samuel, “Lihatlah, bahagian yang dipisahkan ini diletakkan di hadapanmu.

Makanlah, kerana bahagian ini sudah disimpan bagimu untuk saat ini sejak aku berkata, ‘Aku telah mengundang orang ramai.’ ”

Maka Saul pun makan bersama-sama Samuel pada hari itu. ²⁵ Setelah mereka turun dari bukit pemujaan ke dalam kota, Samuel bercakap dengan Saul di atas bumbung rumah. ²⁶ Mereka bangun pagi-pagi. Kira-kira pada waktu fajar menyingsing, Samuel memanggil Saul yang berada di atas bumbung rumah itu, katanya, “Bangunlah, aku akan melepaskan pemergianmu.”

Saul pun bangun, lalu kedua-duanya, iaitu Saul dan Samuel, pergi keluar. ²⁷ Sementara mereka turun ke hujung kota itu, berkatalah Samuel kepada Saul, “Suruhlah pelayanmu berjalan mendahului kita,” maka berjalanlah pembantu itu, “tetapi engkau, berhentilah sebentar. Aku akan memberitahumu firman Tuhan.”

Saul dinobatkan sebagai raja

10 ¹ Lalu Samuel mengambil kendi berisi minyak zaitun lantas menuanginya ke atas kepala Saul lalu menciumnya sambil berkata, “Bukankah Tuhan telah melantik engkau untuk menjadi raja atas umat-Nya Israel? Engkau akan memegang tampuk pemerintahan atas umat Tuhan, dan engkau akan menyelamatkan

mereka daripada tangan para musuh yang ada di sekitar. Inilah tanda bagimu, bahawa Tuhan telah menobatkan engkau untuk menjadi raja atas pusaka milik-Nya sendiri. ² Apabila engkau pergi meninggalkan aku pada hari ini, engkau akan bertemu dengan dua orang lelaki berdekatan dengan makam Rahel di daerah Benyamin, di Zelzah. Mereka akan berkata kepadamu, 'Keldai yang kau cari itu sudah ditemukan. Kini ayahmu sudah tidak peduli lagi kepada keldai-keldai itu, tetapi dia berasa risau tentang keadaan sekalian. Katanya, "Apakah yang harus kuperbuat demi anakku?" ' ³ Dari sana engkau akan berjalan terus lagi dan sampai ke pokok oak di Tabor, maka di sana engkau akan ditemui oleh tiga orang lelaki yang naik menghadap Allah di Betel; seorang membawa tiga ekor anak kambing, seorang membawa tiga ketul roti dan yang ketiga membawa sekantung kulit berisi air anggur. ⁴ Mereka akan menyapa engkau lalu memberikan kepadamu dua ketul roti. Terimalah itu daripada tangan mereka. ⁵ Setelah itu, engkau akan tiba di bukit Allah di Gibeon, tempat barisan tentera orang Filistin. Sebaik sahaja engkau memasuki kota itu, engkau akan bertemu dengan serombongan nabi di sana yang sedang turun dari bukit pemujaan dengan membawa gambus, rebana, seruling, dan kecapi di depan mereka.

Mereka akan bernubuat. ⁶ Lalu Roh Tuhan akan mendatangi kamu dengan penuh kuasa sehingga engkau akan bernubuat seperti nabi bersama-sama para nabi itu, dan engkau akan berubah menjadi seorang yang lain. ⁷ Apabila engkau dapati tanda-tanda itu terjadi, lakukanlah apa-apa pun yang dilakukan oleh tanganmu kerana Allah menyertai engkau. ⁸ Kemudian engkau harus pergi ke Gilgal mendahului aku. Ingat, aku akan turun mendapatkan engkau untuk mempersembahkan segala korban bakaran serta korban kedamaian. Hendaklah engkau menunggu selama tujuh hari sehingga aku datang kepadamu dan memberitahumu apa yang harus kaulakukan.”

⁹ Apabila dia berpaling untuk pergi meninggalkan Samuel, Allah memberinya hati yang baru. Lalu terjadilah semua tanda itu pada hari itu juga. ¹⁰ Ketika mereka sampai di Gibeon, tampaklah serombongan nabi menuju ke arahnya. Kemudian Roh Allah turun ke atasnya dengan penuh kuasa sehingga dia juga bernubuat seperti para nabi dalam kalangan umat itu.

¹¹ Apabila semua orang yang mengenalnya sejak dahulu melihat bahawa dia bernubuat seperti nabi bersama-sama para nabi itu, berkatalah mereka satu sama lain, “Apakah yang terjadi dengan anak Kish ini? Adakah Saul juga termasuk

golongan nabi?”¹² Seorang yang tinggal di sana berkata, “Jadi siapakah bapa mereka?” Oleh sebab itu muncul suatu pepatah, “Adakah Saul juga termasuk dalam golongan nabi?”¹³ Sesudah bernubuat itu pergilah Saul ke bukit pemujaan.

¹⁴ Lalu bapa saudaranya bertanya kepada Saul dan pembantunya, “Ke manakah kamu pergi?”

Jawabnya, “Mencari keldai-keldai itu. Kerana kami tidak juga menemuinya maka kami pun pergi kepada Samuel.”

¹⁵ Kata bapa saudara Saul, “Ceritakanlah kepadaku, apa yang dikatakan Samuel kepada kamu.”

¹⁶ Kata Saul kepada bapa saudaranya, “Dia memberitahukan dengan jelas kepada kami bahawa keldai-keldai itu telah ditemukan.” Akan tetapi, soal kerajaan yang disampaikan oleh Samuel kepadanya itu tidak diberitahunya kepada bapa saudaranya.

¹⁷ Samuel memanggil bangsa itu berkumpul menghadap Tuhan di Mizpa.¹⁸ Katanya kepada orang Israel, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Aku telah memimpin orang Israel keluar dari Mesir. Aku telah melepaskan kamu daripada penindasan orang Mesir dan daripada tangan semua kerajaan yang menindas kamu.’¹⁹ Akan

tetapi, pada hari ini kamu menolak Allahmu yang menyelamatkan kamu daripada segala kemalangan dan kesesakanmu. Kamu berkata kepada-Nya, “Tidak, angkatlah seorang raja atas kami.” Maka sekarang, berdirilah di hadapan Tuhan menurut para sukumu dan menurut kaum-kaummu.”

²⁰ Samuel menyuruh semua suku Israel menghadap, lalu terpilihlah suku Benyamin.

²¹ Kemudian dia menyuruh suku Benyamin menghadap menurut kaum-kaumnya, lalu terpilihlah kaum Matri dan akhirnya terpilihlah Saul anak Kish. Tetapi ketika mereka mencarinya, Saul tidak ditemui. ²² Maka mereka pun meminta petunjuk Tuhan lagi, “Adakah orang itu sudah datang ke mari?”

Jawab Tuhan, “Lihat, dia menyembunyikan diri di antara barang itu.”

²³ Maka berlarilah mereka menjemput dia dari sana. Ketika dia berdiri antara umat itu, dia lebih tinggi daripada semua orang antara umat itu dari bahu ke atas. ²⁴ Kata Samuel kepada seluruh bangsa itu, “Lihatlah orang yang dipilih Tuhan! Tidak ada yang sepertinya antara seluruh bangsa ini.”

Lalu bersoraklah seluruh bangsa itu, kata mereka, “Hidup sang raja!”

²⁵ Kemudian Samuel menyampaikan peraturan-peraturan perihal kerajaan kepada umat itu. Dia menuliskannya pada sebuah kitab dan meletakkannya di hadapan Tuhan. Setelah itu, Samuel melepaskan seluruh umat itu pulang ke rumah masing-masing. ²⁶ Saul juga pulang ke rumahnya di Gibeon disertai para warga yang gagah perkasa dan mempunyai hati yang telah digerakkan Allah. ²⁷ Tetapi beberapa orang yang jahat berkata, “Mana mungkin orang ini mampu menyelamatkan kita?” Mereka meremehkan Saul dan tidak mahu membawa persembahan kepadanya. Namun begitu, Saul berdiam diri sahaja.

Raja Saul menyelamatkan penduduk Yabesh

11 ¹ Kemudian Nahas, orang Amon itu, bergerak maju dan berkhemah mengepung Yabesh-Gilead. Lalu berkatalah semua orang Yabesh itu kepada Nahas, “Ikutlah perjanjian dengan kami, maka kami akan takluk kepada tuan.”

² Tetapi Nahas, orang Amon itu, berkata kepada mereka, “Aku akan mengikat perjanjian dengan kamu dengan syarat bahawa setiap mata kananmu akan kucungkil; dengan demikian aku mengaibkan seluruh orang Israel.”

³ Kata para tua-tua Yabesh kepadanya, “Berikanlah kelonggaran kepada kami selama tujuh hari untuk kami mengirim utusan ke seluruh daerah Israel. Sekiranya tiada seorang pun yang menyelamatkan kami, maka kami akan keluar menyerahkan diri kepada tuan.”

⁴ Ketika para utusan sampai di Gibeon, kota Saul, mereka menyampaikan hal itu kepada bangsa itu, dan menangislah seluruh umat itu dengan suara yang nyaring. ⁵ Pada ketika itu Saul baru sahaja datang dari ladang. Dia berjalan di belakang kawanan lembunya. Lalu tanya Saul, “Apakah yang terjadi kepada orang ramai ini? Mengapakah mereka menangis?” Mereka pun menceritakan kepadanya perkara yang dikhabarkan oleh umat Yabesh itu. ⁶ Lalu Saul yang mendengar khabar itu dikuasai oleh Roh Allah dan amarahnya pun menyala-nyala dengan kuatnya. ⁷ Maka dia mengambil sepasang lembu, lantas memotong-motong lembu itu, lalu mengirimbkannya ke seluruh daerah Israel dengan perantaraan beberapa orang utusan. Katanya, “Sesiapa yang tidak maju mengikuti Saul dan Samuel, beginilah lembu-lembunya akan diperlakukan.”

Rasa takut daripada Tuhan melanda bangsa itu sehingga mereka pun maju dengan serentak.

⁸ Ketika Saul menghitung mereka di Bezek, ada

tiga ratus ribu orang Israel dan tiga puluh ribu orang Yehuda. ⁹ Mereka memberitahu para utusan yang datang, “Beginilah harus kamu katakan kepada orang Yabesh-Gilead, ‘Esok, pada waktu hari panas terik, kamu akan mendapat pertolongan.’ ” Lalu utusan-utusan itu pulang dan menyampaikan hal itu kepada orang Yabesh, sehingga mereka pun bersukacita. ¹⁰ Maka kata penduduk Yabesh kepada Nahas, “Esok kami akan menyerahkan diri kepadamu. Perbuatlah terhadap kami apa-apa pun yang kamu pandang baik.”

¹¹ Keesokan harinya, Saul membahagikan rakyat kepada tiga pasukan. Mereka masuk ke tengah-tengah perkhemahan musuh pada waktu fajar menyingsing dan menyerang orang Amon sampai waktu hari panas terik. Tercerailah mana-mana orang Amon yang terselamat hinggakan tiada dua orang pun yang masih bersama-sama.

¹² Kemudian berkatalah umat itu kepada Samuel, “Siapakah yang dahulunya berkata, ‘Mana boleh Saul bertakhta terhadap kita?’ Serahkanlah mereka itu. Akan kami bunuh mereka.”

¹³ Tetapi kata Saul, “Tiada seorang pun boleh dibunuh pada hari ini, kerana pada hari ini penyelamatan Tuhan telah dikurniakan kepada

Israel.”¹⁴ Maka kata Samuel kepada bangsa itu, “Marilah kita pergi ke Gilgal dan membarui jawatan raja di sana.”¹⁵ Lalu pergilah seluruh bangsa itu ke Gilgal. Di Gilgal itu, di hadapan Tuhan, mereka menobatkan Saul untuk menjadi raja, dan mempersembahkan korban kedamaian maka bersukacitalah Saul beserta semua orang Israel di sana.

Ucapan perpisahan Samuel

12¹ Berkatalah Samuel kepada seluruh orang Israel, “Telah kupenuhi segala permintaanmu yang kamu sampaikan kepadaku, dan aku sudah menobatkan seorang raja untuk memerintah kamu.”² Maka sekarang raja itulah yang menjadi pemimpinmu; tetapi aku ini telah menjadi tua dan beruban, dan bukankah anak-anakku ada dalam kalangan kamu? Akulah yang menjadi pemimpinmu sejak zaman mudaku sampai hari ini.³ Di sini aku berdiri. Berikanlah kesaksian terhadap aku di hadapan Tuhan dan di hadapan orang pilihan yang diurapi-Nya: Lembu siapakah yang telah kuambil? Keldai siapakah yang telah kuambil? Siapakah yang pernah kutipu? Siapakah yang pernah kutindas? Daripada tangan siapakah pernah kuterima sogokan yang membuatku tutup mata? Buatlah kesaksian terhadapku

dan aku akan mengembalikan kesemuanya kepadamu.”

⁴ Jawab mereka, “Engkau tidak pernah menipu kami dan tidak pernah menindas kami ataupun menerima apa-apa daripada tangan sesiapa pun.”

⁵ Lalu Samuel berkata kepada mereka, “Pada hari ini, Tuhan menjadi saksi kepada kamu, dan orang pilihan-Nya yang diurapi-Nya juga menjadi saksi bahawa kamu tidak mendapati apa-apa dalam tanganku.”

Jawab mereka, “Dia menjadi saksi.”

⁶ Lalu berkatalah Samuel kepada bangsa itu, “Tuhan ialah saksi, yang melantik Musa dan Harun dan yang memimpin nenek moyangmu keluar dari Tanah Mesir. ⁷ Oleh sebab itu, berdirilah supaya aku bersama-sama kamu bersaksi di hadapan Tuhan mengenai segala perbuatan penyelamatan Tuhan yang telah dikerjakan-Nya bagimu dan nenek moyangmu.

⁸ Ketika Yakub berkelana ke Mesir, nenek moyangmu berseru-seru kepada Tuhan, maka Tuhan mengutus Musa dan Harun, yang membawa nenek moyangmu keluar dari Mesir, dan membiarkan mereka menetap di tempat

ini. ⁹ Tetapi mereka melupakan Tuhan, Allah mereka, dan Dia menyerahkan mereka ke dalam tangan Sisera, panglima tentera di Hazor, dan ke dalam tangan orang Filistin dan raja Moab, yang berperang melawan mereka. ¹⁰ Lantas mereka berteriak dan berseru kepada Tuhan, kata mereka, 'Kami telah berdosa, kerana kami telah meninggalkan Tuhan dan beribadat kepada Baal dan Asytoret; tetapi sekarang lepaskanlah kami daripada tangan musuh-musuh kami, maka kami akan beribadat kepada-Mu.' ¹¹ Maka Tuhan mengutus Yerubaal, Barak, Yefta dan Samuel, dan melepaskan kamu daripada tangan musuh di sekelilingmu, sehingga kamu boleh tinggal dalam ketenteraman. ¹² Tetapi apabila kamu melihat, bahawa Nahas, raja bani Amon, datang menyerang kamu, maka kamu berkata kepadaku: Tidak, kami sepatutnya diperintah oleh seorang raja, walhal Tuhan, Allahmu ialah rajamu.

¹³ Maka sekarang, lihatlah raja yang telah kamu pilih, yang kamu minta. Sesungguhnya, Tuhan telah mengangkat raja atasmu. ¹⁴ Jika kamu takut kepada Tuhan, beribadat kepada-Nya, mematuhi-Nya, dan tidak menderhaka terhadap

12:9 a: Hak 4:2; **b:** Hak 13:1; **c:** Hak 3:12.

12:10: Hak 10:10-15. **12:11 a:** Hak 7:1; **b:** Hak 4:6; **c:** Hak 11:29; **d:** 1Sam 3:20. **12:12:** 1Sam 8:19.

titah Tuhan, dan jika kamu serta raja yang bertakhta atasmu itu hidup mengikuti Tuhan, Allahmu, maka baiklah keadaanmu. ¹⁵ Akan tetapi, jika kamu tidak mahu mematuhi Tuhan, malah menderhaka terhadap titah Tuhan, maka tangan Tuhan akan melawan kamu, sebagaimana Dia melawan nenek moyangmu dahulu. ¹⁶ Sekarang, tetaplah berdiri dan lihatlah segala perkara besar-besar yang akan dilakukan Tuhan di hadapan matamu. ¹⁷ Sekarang ini musim menuai gandum, bukan? Namun demikian, aku akan berseru kepada Tuhan supaya Dia menurunkan guruh dan hujan. Dengan demikian kamu akan tahu dan menyadari bahawa di mata Tuhan besarlah kejahatan yang telah kamu lakukan dengan meminta seorang raja bagimu.”

¹⁸ Kemudian Samuel berseru kepada Tuhan, dan pada hari itu Tuhan menurunkan guruh dan hujan, sehingga seluruh umat itu menjadi sangat takut kepada Tuhan dan kepada Samuel.

¹⁹ Kata seluruh bangsa itu kepada Samuel, “Berdoalah kepada Tuhan, Allahmu, bagi hamba-hambamu ini supaya jangan kami mati. Kami telah menambah segala dosa kami dengan kejahatan ini, iaitu meminta seorang raja untuk menjadi pemerintah kami.”

²⁰ Kata Samuel kepada bangsa itu, “Jangan takut, memang kamu telah melakukan segala

kejahatan ini, tetapi jangan berhenti mengikuti Tuhan. Beribadatlah kepada Tuhan dengan segenap hatimu. ²¹ Jangan menyimpang, mengikuti kesia-siaan yang tidak memberikan faedah dan tidak menyelamatkan, kerana semua itu kesia-siaan belaka. ²² Tuhan tidak akan menterlantarkan umat-Nya demi nama-Nya yang besar itu, kerana Tuhan telah berkenan menjadikan kamu umat-Nya. ²³ Bagiku, janganlah aku sekali-kali berdosa terhadap Tuhan dengan berhenti mendoakan kamu; aku akan mengajarmu jalan yang baik dan lurus. ²⁴ Hanya, takutlah kepada Tuhan dan setialah beribadat kepada-Nya dengan segenap hatimu, kerana ketahuilah, betapa besarnya hal-hal yang telah dilakukan-Nya bagimu. ²⁵ Akan tetapi, jika kamu tetap berbuat jahat, maka baik kamu mahupun rajamu akan dibinasakan.”

Raja Saul memerangi Filistin

13 ¹ Saul sudah berumur sedemikian tahun ketika dia menaiki takhta. Setelah bertakhta selama dua tahun atas Israel, ² Saul memilih tiga ribu orang Israel iaitu dua ribu orang menyertai Saul di Mikhmas dan di Gunung Betel manakala seribu orang menyertai Yonatan di Gibeab-Benyamin. Rakyat yang selebihnya disuruhnya pulang ke khemah masing-masing.

³ Yonatan menumpaskan pasukan orang Filistin di Geba, dan orang Filistin terdengar hal itu. Lalu Saul memerintahkan agar sangkakala ditiup di seluruh negeri, fikirnya, “Biarlah orang Ibrani mendengar.” ⁴ Semua orang Israel mendengar khabar yang mengatakan, “Saul telah menumpaskan pasukan orang Filistin sehingga orang Filistin sangat membenci orang Israel.” Maka rakyat pun dikerahkan untuk bergabung dengan Saul di Gilgal.

⁵ Maka berkumpullah orang Filistin untuk memerangi orang Israel dengan tiga ribu buah rata, enam ribu orang anggota tentera berkuda dan pasukan berjalan kaki tidak terkira ramainya bak pasir di tepi laut. Mereka bergerak maju dan berkhemah di Mikhmas, di sebelah timur Bet-Awen. ⁶ Apabila orang Israel melihat bahawa mereka tersepit dan pasukan mereka memang telah terdesak, maka larilah mereka lalu bersembunyi di gua, di semak, di bukit batu, di ruang bawah tanah, dan di perigi. ⁷ Bahkan ada beberapa orang Ibrani menyeberangi Sungai Yordan ke Tanah Gad dan Gilead, tetapi Saul tetap bertahan di Gilgal dan seluruh pasukan mengikutinya dengan begitu gementar.

⁸ Dia menanti selama tujuh hari seperti yang ditentukan oleh Samuel, tetapi Samuel tidak juga datang ke Gilgal sehingga pasukan itu bercerai-berai meninggalkan Saul. ⁹ Maka Saul berkata, “Bawalah kepadaku segala korban bakaran dan korban kedamaian itu.” Lalu dia mempersembahkan korban bakaran. ¹⁰ Sebaik sahaja dia selesai mempersembahkan korban bakaran, tiba-tiba datanglah Samuel. Saul keluar menyambutnya untuk mengucapkan salam kepadanya. ¹¹ Samuel bertanya, “Apakah yang kaulakukan?”

Jawab Saul, “Apabila kulihat bahawa pasukan itu bercerai-berai meninggalkan aku, sedangkan engkau tidak juga datang pada waktu yang telah ditetapkan dan orang Filistin telah berkumpul di Mikhmas, ¹² maka aku berfikir, ‘Sekarang orang Filistin akan datang menyerang aku di Gilgal, padahal aku belum memohon belas ihsan Tuhan.’ Itulah sebabnya aku memberanikan diri untuk mempersembahkan korban bakaran.”

¹³ Kata Samuel kepada Saul, “Perbuatanmu itu bodoh. Engkau tidak mengikuti perintah Tuhan, Allahmu, yang diperintahkan-Nya kepadamu. Andainya kamu patuh, memang Tuhan tetap akan mengukuhkan kerajaanmu atas orang

Israel buat selama-lamanya. ¹⁴ Tetapi sekarang pemerintahan dan kerajaanmu tidak akan tetap. Tuhan telah memilih seorang yang berkenan dalam hati-Nya dan Tuhan telah menunjuk dia untuk menjadi raja atas umat-Nya, kerana engkau tidak mengikuti apa yang diperintahkan Tuhan kepadamu.”

¹⁵ Kemudian berangkatlah Samuel meninggalkan Gilgal lalu pergi ke Gibeon Benyamin. Saul memeriksa barisan umat yang ada bersama-sama itu dan ada seramai kira-kira enam ratus orang. ¹⁶ Demikianlah Saul dan anaknya, Yonatan serta umat yang ada bersama-sama mereka, tinggal di Geba-Benyamin, manakala orang Filistin berkhemah di Mikhmas. ¹⁷ Maka keluarlah tiga gerombolan penjarah dari perkhemahan orang Filistin, gerombolan yang pertama mengambil jalan ke Ofra, ke daerah Syual; ¹⁸ gerombolan kedua mengambil jalan ke Bet-Horon, dan gerombolan yang satu lagi mengambil jalan ke perbatasan yang menghadap ke Lembah Zeboim ke arah gurun.

¹⁹ Pada waktu itu tidak ada seorang pun tukang besi di seluruh bumi Israel, kerana orang Filistin berkata, “Jangan sampai orang Ibrani

membuat pedang atau tombak.”²⁰ Jadi semua orang Israel harus pergi kepada orang Filistin untuk mengasah mata bajak, beliung, kapak atau cangkul masing-masing.²¹ Bayaran untuk mengasah itu ialah dua pertiga syikal untuk cangkul dan mata bajak serta sepertiga syikal untuk penggembur, kapak dan untuk memasang kusa.²² Oleh itu, sewaktu peperangan itu tidak ada sebilah pedang atau sebatang tombak pun di tangan seluruh pasukan yang menyertai Saul dan Yonatan. Hanya Saul dan Yonatan, anaknya, yang memilikinya.

²³ Lalu maralah pasukan orang Filistin ke genting di Mikhmas.

Yonatan mengalahkan orang Filistin

14¹ Pada suatu hari Yonatan anak Saul berkata kepada pemuda pembawa senjatanya, “Mari kita menyeberang ke tempat pasukan orang Filistin di sebelah sana.” Tetapi dia tidak memberitahukan hal itu kepada ayahnya.² Ketika itu Saul tinggal di pinggiran daerah Gibea, di gua pokok delima di Migron dengan disertai kira-kira enam ratus orang.³ Ahia anak Ahitub, saudara Icabod anak Pinehas anak Eli, imam Tuhan di Silo, ialah orang yang memakai baju efod pada waktu itu. Maka rakyat juga tidak mengetahui bahawa Yonatan telah pergi.

⁴ Di antara genting yang dicari Yonatan untuk menyeberang ke kawasan pasukan Filistin itu ada ceracak batu di sebelah sana dan di sebelah sini, yang satu bernama Bozes dan yang lagi satu bernama Sene. ⁵ Ceracak yang menjulang di sebelah utara berhadapan dengan Mikhmas manakala yang satu lagi itu di sebelah selatan berhadapan dengan Geba.

⁶ Yonatan berkata kepada pembantu pembawa senjatanya, “Ayuh kita menyeberang untuk mendatangi pasukan umat yang tidak bersunat itu. Barangkali Tuhan akan bertindak membantu kita, kerana memang Tuhan sanggup menyelamatkan baik orang yang ramai mahupun yang sedikit dan tiada yang dapat mencegah-Nya.”

⁷ Maka kata pembawa senjatanya itu kepadanya, “Lakukanlah segala yang tuan niatkan. Majulah. Hamba menyertai tuan dengan seluruh jiwa raga hamba.”

⁸ Kata Yonatan, “Perhatikan, kita menyeberang ke arah mereka itu dan akan memperlihatkan diri kepada mereka. ⁹ Jika mereka berkata kepada kita begini, ‘Tunggulah, kami akan datang kepadamu,’ maka kita akan tetap berdiri di tempat kita, dan tidak naik menemui mereka.

¹⁰ Tetapi jika mereka berkata kepada kita begini, ‘Naiklah ke tempat kami,’ maka kita akan naik.

Itu berarti Tuhan telah menyerahkan mereka ke dalam tangan kita. Itulah tandanya bagi kita.”

¹¹ Lalu kedua-duanya memperlihatkan diri kepada pasukan barisan orang Filistin. Berkatalah orang Filistin, “Tengok! Orang Ibrani itu keluar dari lubang-lubang tempat mereka menyembunyikan diri.” ¹² Lalu anggota pasukan itu berkata kepada Yonatan dan kepada pembawa senjatanya, “Naiklah ke tempat kami. Kami akan menunjukkan sesuatu kepadamu.”

Maka Yonatan berkata kepada pembawa senjatanya, “Naiklah, ikuti aku. Tuhan telah menyerahkan mereka ke dalam tangan orang Israel.” ¹³ Maka naiklah Yonatan merangkak ke atas, dengan diikuti oleh pembawa senjatanya. Tewaslah anggota pasukan itu diparang oleh Yonatan, sementara pembawa senjatanya membunuh mereka dari belakangnya. ¹⁴ Serangan pertama oleh Yonatan dengan pembawa senjatanya itu membunuh kira-kira dua puluh orang dalam jarak kira-kira setengah alur di kawasan seluas satu ekar tanah. ¹⁵ Maka timbullah huru-hara di perkhemahan, di padang dan dalam kalangan pasukan itu. Seluruh barisan

itu juga menjadi gementar, dan bumi bergegar sehingga berlakunya hiruk-pikuk yang besar.^k

¹⁶ Sementara itu, para peninjau Saul di Gibeon-Benjamin melihat bahawa pasukan musuh tampaknya bertempiran ke sana ke mari. ¹⁷ Maka Saul berkata kepada pasukan yang menyertainya, "Hitunglah dan periksalah, siapa daripada kalangan kita yang pergi." Setelah mereka menghitung, ternyata Yonatan dan pembawa senjatanya tidak ada. ¹⁸ Kata Saul kepada Ahia, "Bawalah ke mari tabut Allah." Pada waktu itu tabut Allah sememangnya pergi bersama-sama orang Israel. ¹⁹ Tetapi sementara Saul berbicara dengan imam itu, huru-hara di perkhemahan orang Filistin semakin bertambah besar. Saul pun berkata kepada imam, "Tak perlu lagi." ²⁰ Lalu Saul dan seluruh pasukan yang menyertainya berkumpul. Ketika mereka masuk ke medan perang, tampak pedang setiap orang mengenai kawannya. Huru-hara itu sangat besar. ²¹ Mana-mana orang Ibrani yang sebelumnya menyertai orang Filistin dan maju bersama-sama orang Filistin ke perkhemahan itu dari daerah sekitar, berpaling lalu turut pula bergabung dengan orang Israel yang

^k**14:15** Ada terjemahan yang menyelitkan ayat: Hiruk-pikuk besar ditimbulkan oleh Allah.

menyertai Saul dan Yonatan. ²² Begitu jugalah semua orang Israel yang bersembunyi di Efraim mendengar bahawa orang Filistin telah melarikan diri, lalu mereka pun turut mengejar musuh itu dalam peperangan. ²³ Demikianlah Tuhan menyelamatkan orang Israel pada hari itu. Peperangan itu meluas sampai Bet-Awen.

Sumpah terburu-buru oleh Saul

²⁴ Pada hari itu orang Israel ditimpa kesusahan kerana Saul mengucapkan sumpahan atas rakyat, katanya, “Terkutuklah orang yang makan makanan apa-apa pun sebelum waktu maghrib, sebelum aku membalas dendam atas musuh-musuhku.” Oleh sebab itu tiada seorang pun dalam pasukan menjamah apa-apa makanan. ²⁵ Apabila kesemua mereka sampai di sebuah hutan, terdapat di sana ada madu di atas tanah. ²⁶ Ketika umat itu sampai di hutan itu, tampaklah di sana madu meleleh, tetapi tidak ada seorang pun yang mencedoknya ke mulutnya dengan tangan atas sebab mereka takut akan sumpahan tadi. ²⁷ Tetapi Yonatan tidak mendengar, bahawa ayahnya telah menyuruh rakyat bersumpah. Dihulurkannya tongkat yang ada di tangannya dan mencelupkan hujungnya ke dalam sarang madu; kemudian dia mencedoknya ke mulutnya dengan tangan, lalu matanya menjadi terang lagi.

²⁸ Kemudian seorang daripada anggota pasukan itu berkata, “Ayah tuan sungguh-sungguh telah mengucapkan sumpahan atas rakyat dengan berkata, ‘Terkutuklah orang yang makan makanan apa-apa pun pada hari ini.’ Itulah sebabnya pasukan menjadi letih lesu.”

²⁹ Kata Yonatan, “Ayahku telah menyusahkan negeri ini. Lihat, betapa terangnya mataku setelah kukecap madu itu sedikit sahaja.

³⁰ Terlebih lagi jika pada hari ini rakyat boleh makan dengan bebas daripada hasil rampasan musuh yang didapati mereka. Jika tidak, pastilah lebih ramai orang Filistin yang kita tewaskan.”

³¹ Pada hari itu mereka menyerang orang Filistin dari Mikhmas sampai Ayalon tetapi selepas itu pasukan itu tersangat letih lesu. ³² Maka mereka menyerbu jarahan, mengambil kawan domba, lembu dan juga anak lembu, lalu menyembelih semua itu di tanah. Dagingnya dimakan mereka berserta dengan darahnya. ³³ Kemudian kepada Saul dikhabarkan demikian, “Ketahuilah, rakyat berdosa terhadap Tuhan kerana mereka memakan daging dan juga darahnya.”

Katanya, “Kamu telah berbuat khianat. Gulingkanlah ke mari sebuah batu besar sekarang

juga.”³⁴ Kata Saul pula, “Bersebarlah antara rakyat dan katakan pada mereka, ‘Bawa ke mari lembu dan domba masing-masing, lalu sembelihlah di sini dan makanlah. Janganlah berdosa terhadap Tuhan dengan makan daging dengan darahnya.’ ” Maka pada malam itu seluruh rakyat membawa lembu masing-masing dan menyembelihnya di sana.³⁵ Kemudian Saul membangunkan sebuah mazbah untuk Tuhan. Itulah mazbah yang mula-mula dibangunkannya bagi Tuhan.

³⁶ Saul berkata, “Mari kita pergi mengejar orang Filistin malam-malam dan menjarah mereka sampai fajar menyingsing. Jangan kita biarkan seorang pun antara mereka yang terselamat.”

Jawab umat itu, “Lakukanlah segala sesuatu yang dipandang baik oleh tuanku.”

Tetapi imam berkata, “Marilah kita menghadap Allah dahulu di sini.”

³⁷ Saul pun menanyakan petunjuk Allah, “Dapatkah aku pergi mengejar orang Filistin? Akankah Kuserahkan mereka ke dalam tangan orang Israel?” Tetapi pada hari itu Dia tidak menjawabnya.³⁸ Maka kata Saul, “Datanglah ke mari, wahai semua pemimpin pasukan. Carilah dan periksalah bagaimanakah dosa ini terjadi pada hari ini.”³⁹ Demi Tuhan yang hidup, yang menyelamatkan orang Israel, sekalipun dosa

itu dilakukan oleh Yonatan, anakku, dia pasti dihukum mati.” Akan tetapi, tiada seorang pun daripada seluruh pasukan itu memberinya jawapan. ⁴⁰ Kemudian dia berkata kepada orang Israel, “Kamu berdiri di sebelah sana. Aku dan Yonatan, anakku, berdiri di sebelah sini.”

Jawab rakyat kepada Saul, “Lakukanlah apa yang dipandang baik oleh tuanku.”

⁴¹ Lalu berkatalah Saul, “Ya, Tuhan, Allah Israel, nyatakanlah mengapa Engkau tidak menjawab hamba-Mu pada hari ini. Jika kesalahan itu ada padaku atau pada anakku Yonatan, ya Tuhan, Allah Israel, tunjukkanlah kiranya Urim;^l tetapi jika kesalahan itu ada pada umat-Mu Israel, tunjukkanlah Tumim.” Ternyata jawapan Tuhan menunjukkan Saul dan Yonatan maka ternyata rakyat tidak bersalah. ⁴² Lalu berkatalah Saul, “Buanglah undi antara aku dengan Yonatan, anakku.” Lalu Yonatan terkena undi.^m ⁴³ Kata Saul

^l**14:41** Pada zaman dahulu umat Israel biasa meminta petunjuk Allah dengan membuang Urim dan Tumim, dua benda suci yang dipasang pada baju efod imam besar (lihat Kel. 28:30; Bil. 27:21; 1 Sam. 23:6-12; 28:6; 30:7-8). Meskipun manusia yang membuang undi, Tuhanlah yang menentukan keputusannya (lihat Ams 16:33).

^m**14:42** Atau: Tunjuklah antara aku dengan Yonatan, anakku. Lalu Yonatan ditunjukkan bersalah.

kepada Yonatan, “Beritahulah kepadaku apa yang telah kaulakukan.”

Lalu Yonatan memberitahu dia, katanya, “Aku memang telah mengecap sedikit madu dengan hujung tongkat yang ada di tanganku ini. Ya, aku harus mati.”

⁴⁴ Kata Saul, “Engkau memang harus mati, Yonatan. Jika tidak, Allah akan menjatuhkan azab kepadaku, bahkan lebih lagi.”

⁴⁵ Akan tetapi, rakyat berkata kepada Saul, “Haruskah Yonatan dihukum mati, padahal dia telah melakukan penyelamatan yang besar dalam kalangan orang Israel? Jangan sekali-kali hal itu terjadi! Demi Tuhan yang hidup, sehelai rambut kepalanya pun tidak akan jatuh ke tanah, kerana pada hari ini dia telah bertindak bersama-sama Allah.” Demikianlah rakyat melepaskan Yonatan sehingga dia tidak dihukum mati.

⁴⁶ Selepas itu, Saul berhenti mengejar orang Filistin lalu orang Filistin pun pulang ke tempat mereka.

Raja Saul menentang musuh-musuh orang Israel

⁴⁷ Setelah Saul menjadi raja Israel, dia memerangi kesemua musuhnya di segala penjuru. Dilawannya Moab, bani Amon, Edom, raja-raja Zoba, dan orang Filistin. Ke mana-mana pun dia pergi, dibuatnya mereka susah. ⁴⁸ Gagah

perkasa sekali segala perbuatannya menyerang orang Amalek, dan melepaskan orang Israel daripada tangan mana-mana pihak yang menjarah mereka.

⁴⁹ Anak-anak Saul ialah Yonatan, Yiswi, dan Malkisua manakala dua orang anak perempuannya ialah Merab, yang sulung, dan Mikhal, yang lebih muda. ⁵⁰ Isteri Saul bernama Ahinoam anak Ahimaas, dan panglima tenteranya bernama Abner, anak Ner, iaitu bapa saudara Saul. ⁵¹ Kish, ayah Saul dan Ner, ayah Abner ialah anak Abiel.

⁵² Peperangan yang sengit melawan orang Filistin terjadi seumur hidup Saul. Saul sentiasa mengambil kesateria atau orang yang gagah perkasa untuk menjadi orangnya apabila dia menemui orang sedemikian.

Saul ditolak sebagai raja

15 ¹ Berkatalah Samuel kepada Saul, “Aku telah diutus oleh Tuhan untuk menobatkan engkau menjadi raja atas Israel, umat-Nya; oleh itu, dengarlah firman Tuhan. ² Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Aku akan membalas apa yang dilakukan orang Amalek terhadap orang Israel, kerana orang Amalek

mengadang mereka di jalan setelah mereka keluar dari Mesir. ³ Sekarang pergilah, seranglah orang Amalek. Tumpaskanlah segala sesuatu yang ada pada mereka. Jangan sayangi mereka, tetapi musnahkanlah lelaki dan perempuan, anak-anak dan bayi-bayi yang menyusu, lembu dan domba, unta dan keldai.' ”

⁴ Maka Saul mengerahkan rakyat dan menghitung mereka di Telaim. Jumlahnya dua ratus ribu pasukan berjalan kaki dan sepuluh ribu orang Yehuda. ⁵ Saul pergi ke kota orang Amalek dan menyiapkan pasukannya yang menunggu untuk menyerang musuh mereka di lembah.

⁶ Kepada orang Keni, Saul berkata, “Pergi, menyingkirilah. Jauhkan diri kamu daripada orang Amalek, supaya jangan kamu kulenyapkan bersama-sama mereka, kerana kamu telah menunjukkan keihsanan kepada seluruh orang Israel setelah mereka keluar dari Mesir.” Maka orang Keni pun menyingkir daripada kalangan Amalek.

⁷ Kemudian Saul menumpaskan orang Amalek mulai Hawila sampai Syur, yang di sebelah timur Mesir. ⁸ Ditawannya hidup-hidup Agag, raja orang Amalek, tetapi seluruh rakyat Agag ditumpaskannya dengan mata pedang. ⁹ Saul dan pasukannya menyelamatkan Agag, kawan domba dan kawan lembu yang terbaik,

ternakan dan anak domba yang gemuk-gemuk, serta segala sesuatu yang berharga. Dia tidak mahu menumpaskan seluruhnya. Tetapi segala haiwan yang tidak berharga dan yang buruk, itulah yang ditumpaskan mereka.

¹⁰ Lalu datanglah firman Tuhan kepada Samuel, demikian, ¹¹ “Aku masyghul, kerana Aku telah menjadikan Saul raja, kerana dia telah berbalik daripada Aku dan tidak melaksanakan firman-Ku.” Maka amat kesallah Samuel dan dia berseru-seru kepada Tuhan semalam-malaman.

¹² Lalu Samuel bangun pagi-pagi untuk bertemu dengan Saul, tetapi dia diberitahu demikian, “Saul telah pergi ke Karmel tadi dan mendirikan sebuah tugu peringatan bagi dirinya di situ. Kemudian dia berangkat dan menuju Gilgal.”

¹³ Ketika Samuel sampai di tempat Saul, berkatalah Saul kepadanya, “Semoga engkau diberkati Tuhan! Aku telah melaksanakan firman Tuhan.”

¹⁴ Tetapi kata Samuel, “Kalau begitu apakah bunyi domba, yang sampai ke telingaku, dan bunyi lembu-lembu yang kudengar itu?”

¹⁵ Jawab Saul, “Semua itu dibawa daripada orang Amalek. Rakyat menyelamatkan kawanannya domba dan kawanannya lembu yang terbaik untuk dipersembahkan sebagai korban di hadapan

Tuhan, Allahmu. Tetapi yang selebihnya sudah kami bunuh.”

¹⁶ Kata Samuel kepada Saul, “Sudahlah! Aku akan memberitahukan kepadamu apa yang telah difirmankan Tuhan kepadaku malam tadi.”

Kata Saul kepadanya, “Katakanlah.”

¹⁷ Kata Samuel, “Meskipun engkau kecil menurut pandanganmu sendiri, bukankah engkau telah dilantik untuk menjadi ketua suku-suku Israel? Tuhan telah melantik engkau menjadi raja atas orang Israel, ¹⁸ dan Tuhan menyuruh engkau menjalankan suatu tugas, firman-Nya, ‘Pergilah, tumpaskanlah orang berdosa itu, yaitu orang Amalek. Perangilah mereka sehingga mereka binasa.’ ¹⁹ Mengapa engkau tidak mematuhi firman Tuhan, tetapi malah menyambar jarahan itu dan melakukan kejahatan di mata Tuhan?”

²⁰ Jawab Saul kepada Samuel, “Aku sudah mematuhi firman Tuhan dan menjalankan apa yang ditugaskan Tuhan kepadaku. Aku menawan Agag, raja Amalek itu, sedangkan orang Amalek kutumpaskan. ²¹ Tetapi daripada rampasan itu rakyat mengambil kawanan domba dan kawanan lembu terbaik daripada semua yang harus ditumpaskan, untuk dipersembahkan sebagai korban kepada Tuhan, Allahmu, di Gilgal.”

²² Kata Samuel,

“Adakah korban bakaran dan korban sembelihan yang lebih disukai Tuhan daripada mendengar suara Tuhan? Sesungguhnya, mematuhi itu lebih baik daripada korban sembelihan dan memperhatikan itu lebih baik daripada lemak domba jantan.

²³ Sebab penderhakaan sama seperti dosa bertenung dan kedegilan sama seperti penyembahan berhala.

Kerana engkau telah menolak firman Tuhan, maka Dia juga telah menolak engkau sebagai raja.”

²⁴ Kata Saul kepada Samuel, “Aku telah berdosa, kerana aku telah melanggar firman Tuhan dan kata-katamu. Aku takut kepada rakyat sehingga kata-kata mereka kuturuti. ²⁵ Sekarang, ampunkanlah kiranya dosaku dan kembalilah bersamaku supaya aku dapat beribadat kepada Tuhan.”

²⁶ Kata Samuel kepada Saul, “Aku tidak mahu kembali bersamamu, kerana engkau telah menolak firman Tuhan dan Tuhan pun telah menolak engkau sebagai raja atas orang Israel.”

²⁷ Apabila Samuel berpaling hendak pergi, Saul memegang punca jubah Samuel, tetapi terkoyak.

²⁸ Kemudian berkatalah Samuel kepadanya, “Tuhan telah mengoyakkan daripadamu jawatan raja atas Israel pada hari ini dan telah memberikannya kepada orang lain yang lebih baik daripada engkau. ²⁹ Apatah lagi, Yang Maha Mulia, yang disembah orang Israel, tidak berdusta dan tidak menyesal, kerana Dia bukan manusia yang harus menyesal.”

³⁰ Kata Saul, “Aku telah berdosa. Tetapi sekarang, mohon hormati aku di hadapan para tua-tua rakyatku dan di hadapan orang Israel. Kembalilah bersamaku supaya aku dapat beribadat kepada Tuhan, Allahmu.” ³¹ Maka kembalilah Samuel mengikuti Saul, dan Saul pun beribadat kepada Tuhan.

³² Kemudian Samuel berkata, “Bawalah ke mari Agag, raja orang Amalek itu.” Agag pun datang kepadanya dengan gembira. Fikir Agag, “Tentulah pahitnya maut sudah berlalu.”

³³ Kata Samuel,

“Sebagaimana pedangmu membuat perempuan-perempuan kehilangan anak, demikianlah antara perempuan, ibumu akan kehilangan anak.”

Lalu Samuel mencengang Agag di hadapan Tuhan di Gilgal.

³⁴ Sesudah itu Samuel pulang ke Rama, sedangkan Saul pulang ke rumahnya di Gibeon, kota Saul. ³⁵ Samuel tidak melihat Saul lagi sampai hari kematiannya, kerana Samuel berdukacita atas Saul. Hati Tuhan pun masyghul kerana Dia telah mengangkat Saul untuk menjadi raja atas orang Israel.

Daud dilantik menjadi raja

16 ¹ Berfirmanlah Tuhan kepada Samuel, “Berapa lama lagi engkau akan berdukacita atas Saul kerana Aku telah menolak dia sebagai raja atas Israel? Isilah tabung tandukmu dengan minyak dan pergilah. Aku mengutus engkau kepada seorang Betlehem bernama Isai, kerana Aku telah memilih bagi-Ku seorang raja daripada kalangan anaknya.”

² Kata Samuel, “Masakan aku boleh pergi? Jika Saul mendengarnya, tentu dia akan membunuhku.”

Firman Tuhan, “Bawalah seekor lembu betina yang muda dan katakan, ‘Aku datang untuk mempersembahkan korban di hadapan Tuhan.’”

³ Undanglah Isai ke upacara korban itu, dan Aku akan menunjukkan kepadamu apa yang harus

kamu lakukan. Lantiklah bagi-Ku orang yang akan Kusebutkan kepadamu.”

⁴ Samuel pun melakukan apa yang difirmankan Tuhan. Ketika dia tiba di Betlehem, tua-tua kota itu menyongsong dia dengan gementar. Tanya mereka, “Apakah tuan datang dengan damai sejahtera?”

⁵ Jawabnya, “Ya, dengan damai sejahtera. Aku datang untuk mempersembahkan korban di hadapan Tuhan. Sucikanlah dirimu dan datanglah untuk bersama-samaku ke upacara korban ini.” Lalu dia mentahbiskan Isai dan anak-anaknya serta mengundang mereka ke upacara korban itu.

⁶ Pada waktu mereka datang, Samuel memandang Eliab dan berfikir, “Sesungguhnya, orang yang akan dilantik Tuhan sedang berdiri di hadapan-Nya.” ⁷ Tetapi firman Tuhan kepada Samuel, “Janganlah pandang rupanya atau perawakannya yang tinggi, kerana Aku telah menolak dia. Allah tidak melihat sebagaimana manusia melihat. Manusia melihat penampilan lahiriah, tetapi Tuhan melihat hati.”

⁸ Kemudian Isai memanggil Abinadab dan menyuruhnya lalu di hadapan Samuel. Tetapi Samuel berkata, “Yang ini pun tidak dipilih Tuhan.” ⁹ Maka Isai menyuruh Syama lalu pula. Tetapi Samuel berkata, “Yang ini pun tidak dipilih

Tuhan.”¹⁰ Isai menyuruh ketujuh-tujuh anaknya lalu di hadapan Samuel. Tetapi kata Samuel kepada Isai, “Mereka semua tidak dipilih Tuhan.”

¹¹ Tanya Samuel kepada Isai, “Inikah semua anakmu?”

Jawabnya, “Masih ada yang bongsu, tetapi dia sedang menggembala kawanannya domba.”

Kata Samuel kepada Isai, “Suruhlah orang menjemput dia, kerana kita tidak akan duduk makan sebelum dia datang.”¹² Maka Isai menyuruh orang menjemput anak bongsunya itu. Dia kemerah-merahan, matanya cantik, dan parasnya elok. Berfirmanlah Tuhan, “Segeralah lantik dia, kerana inilah dia.”¹³ Samuel mengambil tabung tanduknya yang berisi minyak itu dan melantik dia di depan abang-abangnya. Maka sejak hari itu dan seterusnya, Roh Tuhan turun atas Daud dengan penuh kuasa. Setelah itu, Samuel segera pulang ke Rama.

Daud di istana Raja Saul

¹⁴ Pada waktu itu, Roh Tuhan telah menjauhi Saul, dan dia diganggu oleh roh jahat yang diizinkan Tuhan.¹⁵ Para pegawai Saul berkata kepadanya, “Sesungguhnya, ada roh jahat yang diizinkan Allah mengganggu tuanku.

¹⁶ Hendaklah tuanku memerintahkan hamba-hambamu yang ada di hadapan tuanku ini untuk

mencari orang yang pandai memetik kecapi. Nanti, apabila roh jahat yang diizinkan Allah itu datang kepada tuanku, dia harus memetik kecapi sehingga tuanku berasa nyaman.”

¹⁷ Kata Saul kepada para pegawainya, “Carikanlah bagiku seorang yang dapat memetik kecapi dengan baik. Bawalah dia menghadap aku.”

¹⁸ Seorang daripada antara orang muda itu berkata, “Sesungguhnya, aku pernah melihat seorang anak Isai, orang Betlehem, yang pandai memetik kecapi. Dia seorang kesateria yang gagah perkasa, dan juga seorang pejuang. Selain itu, dia pandai berbicara dan perawakannya bagus dan Tuhan menyertainya.”

¹⁹ Maka Saul mengirim beberapa orang utusan kepada Isai dengan pesan, “Suruhlah anakmu Daud, yang suka menggembala kawan domba itu, menghadap aku.” ²⁰ Kemudian Isai mengambil seekor keldai. Dimuatinya keldai itu dengan roti, sebuah kantung kulit berisi air anggur, dan seekor anak kambing, lalu dikirimnya semua itu kepada Saul dengan perantaraan Daud, anaknya. ²¹ Daud pun datang menghadap Saul dan berkhidmat kepadanya. Saul sangat mengasihi Daud, sehingga dia menjadikan Daud pembawa senjatanya. ²² Lalu Saul menyuruh orang untuk menemui Isai dan berkata, “Biarlah

Daud tetap berkhidmat kepadaku, kerana aku menyukainya.”²³ Jadi, apabila roh jahat yang diizinkan Allah itu datang kepada Saul, maka Daud akan mengambil kecapi dan memetikinya. Setelah itu, Saul akan berasa lega dan nyaman, lalu roh jahat itu pun menjauhinya.

Goliat menentang orang Israel

17¹ Orang Filistin mengumpulkan tentera mereka untuk berperang; mereka berkumpul di Sokho iaitu di bumi Yehuda dan berkhemah di antara Sokho dengan Azeka di Efes-Damim.² Saul serta orang Israel juga berkumpul dan berkhemah di Lembah Elah. Mereka mengatur barisan perang untuk berhadapan dengan orang Filistin.³ Orang Filistin berdiri di gunung sebelah sana, sedangkan orang Israel berdiri di gunung sebelah sini iaitu dengan sebuah lembah yang terbentang di antara mereka.

⁴ Kemudian tampillah seorang kesateria dari perkhemahan orang Filistin. Namanya Goliat dari Gat. Tingginya enam hasta lebih sejengkal.⁵ Dia memakai ketopong gangsa di kepalanya serta baju zirah yang bersisik seberat lima ribu syikal gangsa.⁶ Pelindung kakinya juga daripada gangsa, dan sebuah lembing gangsa tersandang di antara bahunya.⁷ Batang tombaknya seperti

kayu penggulung tukang tenun, berat mata tombaknya enam ratus syikal besi. Seorang pembawa perisai berjalan di depannya. ⁸ Dia berdiri dan berseru kepada barisan orang Israel. Katanya kepada mereka “Mengapakah kamu keluar mengatur barisan perang? Aku seorang Filistin dan bukankah kamu para hamba Saul? Pilihlah seorang untuk mewakilimu dan turun menghadapi aku. ⁹ Jika dia sanggup bertarung dengan aku dan membunuh aku, maka kami akan menjadi hamba-hambamu. Tetapi jika aku menang melawan dia dan membunuh dia, maka kamu harus menjadi hamba-hamba kami dan takluk kepada kami.” ¹⁰ Kata orang Filistin itu lagi, “Aku mencemuh barisan orang Israel hari ini. Hadapkanlah seorang kepadaku untuk bertarung satu lawan satu.” ¹¹ Ketika Saul dan kesemua orang Israel mendengar kata-kata orang Filistin itu, kecut perutlah mereka, dan mereka sangat ketakutan.

Daud tiba di medan peperangan

¹² Daud ialah anak Isai, orang Efrata dari Betlehem-Yehuda. Isai mempunyai lapan orang anak. Pada zaman Saul, dia termasuk orang yang sudah sangat tua dalam kalangan umat yang sebangsa dengannya. ¹³ Ketiga-tiga anak Isai yang tertua pergi berperang mengikut Saul.

Mereka ialah Eliab, yang sulung; Abinadab, yang kedua; dan Syama, yang ketiga.¹⁴ Daud pula anak bongsunya. Ketiga-tiga orang anak yang tertua itu mengikut Saul,¹⁵ tetapi Daud selalu berulang-alik daripada Saul kepada tugas menggembala kawanan domba ayahnya di Betlehem.

¹⁶ Selama empat puluh hari lamanya orang Filistin itu tampil lalu mencabar dan mencemuh orang Israel pada pagi dan petang hari.

¹⁷ Sementara itu Isai berkata kepada Daud, anaknya, “Cepat bawakan satu efaⁿ bertih padi-padian dan sepuluh ketul roti ini untuk abang-abangmu di perkhemahan.¹⁸ Bawakan juga sepuluh potong keju ini untuk pemimpin pasukan seribu. Tengoklah sama ada abang-abangmu selamat, lalu bawalah pulang suatu tanda daripada mereka.”¹⁹ Pada waktu itu, Saul berserta ketiga-tiga abangnya dan seluruh orang Israel berada di Lembah Elah, sedang berperang melawan orang Filistin.

²⁰ Daud pun bangun pagi-pagi lalu mengamanahkan kawanan dombanya kepada seorang gembala. Setelah itu, diangkatnyalah muatannya lalu pergi, sebagaimana yang diperintahkan Isai kepadanya. Dia sampai di parit perlindungan pada waktu pasukan sedang keluar

ⁿ**17:17** Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter.

menuju barisan perang sambil memekikkan sorakan perang. ²¹ Orang Israel dan orang Filistin mengatur barisan masing-masing, barisan perang berhadapan dengan barisan perang. ²² Daud mengamanahkan barang-barangnya kepada penjaga barang lalu berlari ke tempat barisan perang dan bertanya khabar abang-abangnya. ²³ Ketika dia bercakap dengan mereka, tiba-tiba kesateria bangsa Filistin dari Gat yang bernama Goliat itu maju dari barisan tentera Filistin. Dia mengucapkan kata-kata cemuhan yang sama seperti sebelumnya dan Daud mendengarnya. ²⁴ Semua orang Israel lari menjauhkan diri sebaik sahaja mereka melihat orang itu. Mereka dalam ketakutan yang amat sangat. ²⁵ Kata orang Israel, “Adakah kamu lihat orang yang sedang mara itu? Sememangnya dia mara untuk mencemuh orang Israel. Raja akan menganugerahi orang yang dapat membunuhnya dengan kekayaan yang besar. kepadanya akan dikurniakan puteri baginda, dan keluarganya akan dibebaskan daripada membayar cukai di Israel.”

²⁶ Daud pun bertanya kepada kalangan yang berdiri bersamanya, “Apakah yang akan dilakukan terhadap orang yang dapat membunuh orang Filistin ini dan yang dapat menghapus cela ini daripada Israel? Siapakah orang Filistin yang tidak bersunat itu sehingga dia mencemuh barisan

perang daripada Allah yang hidup?”²⁷ Rakyat menjawabnya seperti tadi, “Begitulah yang akan dilakukan terhadap orang yang membunuh dia.”

²⁸ Eliab, abangnya yang tertua, mendengar percakapannya dengan orang itu. Maka menyalalah amarah Eliab terhadap Daud, katanya, “Mengapakah engkau datang ke mari? Kepada siapa kauamanahkan kawanannya domba yang sedikit itu di gurun? Aku mengenal keangkuan dan kejahatan hatimu. Engkau datang hanya untuk menonton peperangan ini, bukan?”

²⁹ Kata Daud, “Apakah yang telah kulakukan? Hanya berbincang-bincang, bukan?”³⁰ Dia pun menjauhi abangnya lalu beralih kepada orang lain dan menanyakan hal serupa. Lagi-lagi rakyat memberikan jawapan yang sama seperti sebelumnya.

³¹ Rupanya, kata-kata yang diucapkan Daud itu didengar orang lalu dilaporkan kepada Saul. Saul pun menyuruh orang untuk menjemputnya datang menghadap.³² Kemudian Daud berkata kepada Saul, “Janganlah ada seorang pun yang tawar hati kerana orang itu. Hambamu ini akan pergi bertarung menghadapi orang Filistin itu.”

³³ Kata Saul kepada Daud, “Engkau tidak akan sanggup menghadapi orang Filistin itu dan

bertarung dengannya. Engkau masih muda, sedangkan dia seorang pejuang sejak mudanya.”

³⁴ Tetapi kata Daud kepada Saul, “Hambamu ini biasa menggembala domba-domba ayahnya. Jika singa atau beruang datang melarikan seekor anak domba daripada kawanannya, ³⁵ maka hamba akan pergi mengejarnya, lalu menyerangnya dan melepaskan domba itu daripada mulutnya. Jika dia bangkit melawan hamba, maka hamba akan merenggut janggutnya, lalu menyerang dan membunuhnya. ³⁶ Singa ataupun beruang sudah pernah hamba bunuh. Maka orang Filistin yang tidak bersunat ini pun akan menjadi seperti seekor daripada haiwan-haiwan itu, kerana dia telah mencemuh barisan perang daripada Allah yang hidup.” ³⁷ Kata Daud lagi, “Tuhan, yang telah melepaskan hamba daripada cakar singa serta cakar beruang, akan melepaskan hamba daripada tangan orang Filistin ini.”

Kata Saul kepada Daud, “Pergilah, semoga Tuhan menyertai engkau.”

³⁸ Kemudian Saul memasang pakaian perang pada Daud. Dipakainya ketopong tembaga di kepalanya, dan dikenakannya baju zirah padanya.

³⁹ Daud mengikatkan pedangnya pada pakaian perangnya lalu cuba untuk berjalan kerana dia belum pernah memakainya. Kata Daud kepada Saul, “Hamba tidak dapat berjalan

dengan pakaian ini, kerana hamba belum pernah memakainya.” Lalu Daud menanggalkan semua itu.

Pertarungan Daud dengan Goliat

⁴⁰ Daud mengambil tongkatnya lalu memilih lima butir anak batu yang licin dari sungai. Dia memasukkan batu-batu itu ke dalam kantung gembala miliknya, dan membawa tarbilnya. Setelah itu, dia pun maju mendekati orang Filistin itu. ⁴¹ Orang Filistin itu pun datang mendekati Daud, sementara orang yang membawa perisainya ada di hadapannya. ⁴² Ketika orang Filistin itu melihat dan mengamati Daud, dia memandang remeh terhadap Daud yang masih muda, kemerah-merahan, dan elok rupanya.

⁴³ Kata orang Filistin itu kepada Daud, “Apakah aku ini anjing sehingga engkau datang kepadaku dengan membawa tongkat?” Dia mengutuk Daud demi tuhan-tuhannya.^o ⁴⁴ Kata orang Filistin itu lagi kepada Daud, “Ke marilah, akan kuberikan dagingmu kepada burung-burung di udara dan kepada binatang-binatang di padang!”

⁴⁵ Kata Daud kepada orang Filistin itu, “Engkau datang kepadaku dengan pedang, tombak, dan lembing, tetapi aku datang kepadamu dengan

^o**17:43** Atau: Dewa-dewanya.

nama Tuhan alam semesta, iaitu Allah barisan perang orang Israel yang kaucemuh itu. ⁴⁶ Pada hari ini juga Tuhan akan menyerahkan engkau ke dalam tanganku. Aku akan menumpaskanmu dan memenggal kepalamu. Pada hari ini juga akan kuberikan bangkai pasukan Filistin kepada burung-burung di udara dan kepada binatang-binatang di bumi. Dengan demikian seluruh bumi akan tahu bahawa ada Allah di Israel, ⁴⁷ dan seluruh jemaah ini akan tahu bahawa Tuhan tidak menyelamatkan dengan pedang dan tombak, kerana peperangan ini sememangnya milik Tuhan dan Dia akan menyerahkan kamu ke dalam tangan kami.”

⁴⁸ Pada waktu orang Filistin itu maju mendekati untuk menghadapi Daud, berlailah Daud dengan cepat ke arah barisan perang musuh untuk menghadapi orang Filistin itu. ⁴⁹ Daud menyusupkan tangan ke dalam kantungnya dan mengambil sebutir anak batu dari dalamnya lalu melontarkannya dengan tarbilnya. Batu itu tepat mengenai dahi orang Filistin itu dan terbenam di dalam dahinya, sehingga orang itu jatuh menyembam tanah. ⁵⁰ Demikianlah Daud menyerang orang Filistin itu dengan tarbil dan batu. Dihentam dan dibunuhnya orang Filistin

itu tanpa sebilah pedang di tangannya.⁵¹ Daud pun berlari lalu berdiri di atas tubuh orang Filistin itu. Diambilnya pedangnya, dihunusnya daripada sarungnya, lalu dibunuhnya orang itu. Dan dengan pedang itu dipenggalnya pula kepalanya.

Larilah orang Filistin apabila mereka lihat betapa kesateria mereka telah ditumpaskan.⁵² Maka bersorak rianglah orang Israel dan Yehuda sambil mara untuk mengejar orang Filistin sampai jalan masuk Gat dan ke pintu gerbang Ekron. Mayat orang Filistin yang terbunuh bergelimpangan di jalan menuju Saaraim, sampai Gat dan Ekron.

⁵³ Setelah mengejar orang Filistin, orang Israel kembali dan menjarah perkhemahan musuh mereka itu.⁵⁴ Daud mengambil kepala orang Filistin itu dan membawanya ke Yerusalem, tetapi dia menaruh senjata orang Filistin di dalam khemahnya.

⁵⁵ Pada waktu Saul melihat Daud maju menghadapi orang Filistin itu, dia bertanya kepada Abner, panglima tenteranya, "Anak siapakah orang muda itu, Abner?"

Jawab Abner, "Demi hidupmu, ya Raja, hamba tidak tahu."

⁵⁶ Kata raja, "Tanyalah, anak siapa pemuda itu."

⁵⁷ Sekembalinya Daud setelah menumpaskan orang Filistin itu, Abner menjemputnya lalu membawanya ke hadapan Saul. Kepala orang Filistin itu masih ada di tangannya. ⁵⁸ Tanya Saul kepadanya, “Anak siapakah engkau, anak muda?”

Jawab Daud, “Anak Isai, hamba tuanku, orang Betlehem.”

Persahabatan Daud dengan Yonatan

18 ¹ Setelah Daud selesai berbicara dengan Saul, berpadulah jiwa Yonatan dengan jiwa Daud, dan Yonatan mengasihi Daud seperti mengasihi dirinya sendiri. ² Pada hari itu juga Saul mengambil Daud sebagai orangnya dan tidak mengizinkan dia pulang ke rumah ayahnya. ³ Yonatan membuat perjanjian dengan Daud, kerana dia mengasihi Daud seperti dirinya sendiri. ⁴ Kemudian Yonatan menanggalkan jubah yang dikenakannya dan memberikannya kepada Daud, begitu pula pakaian perangnya, pedangnya, busur panahnya, dan juga ikat pinggangnya. ⁵ Daud pergi ke mana-mana sahaja Saul mengutusnyanya. Dia selalu berhasil sehingga Saul melantik dia untuk menjadi ketua atas para anggota tenteranya. Hal itu dipandang baik oleh seluruh rakyat dan juga oleh para pegawai Saul.

Raja Saul mencemburui Daud

⁶ Semasa kepulangan mereka setelah Daud menumpaskan orang Filistin itu, keluarlah para perempuan dari semua kota di Israel sambil menyanyi dan menari demi menyambut Raja Saul dengan rebana serta dengan lagu-lagu penuh suka ria, dan dengan kecapi bertali tiga. ⁷ Sambil tertawa-tawa para perempuan itu menyanyi berbalas-balasan, kata mereka,

“Saul menumpaskan beribu-ribu musuh,
dan Daud berpuluh-puluh ribu.”

⁸ Lalu teramat marahlah Saul. Hatinya tidak berkenan dengan kata-kata itu, kerana fikirnya, “Bagi Daud disebutkan mereka berpuluh-puluh ribu, tetapi bagiku disebutkan mereka beribu-ribu sahaja. Apakah lagi yang akan diperolehnya kalau bukan kerajaan ini?” ⁹ Maka sejak hari itu Saul menaruh curiga kepada Daud.

¹⁰ Keesokan harinya, roh jahat yang diizinkan Tuhan turun ke atas Saul dengan penuh kuasa sehingga dia meramal di dalam rumah. Manakala, seperti kebiasaan pada setiap hari, Daud memetik kecapi. Pada waktu itu ada tombak di tangan Saul. ¹¹ Saul melemparkan tombak itu, kerana fikirnya, “Aku hendak

menancapkan Daud ke dinding.” Tetapi Daud berjaya mengelak sebanyak dua kali.

¹² Saul menjadi takut kepada Daud kerana Tuhan menyertai Daud walhal Dia telah menjauhinya. ¹³ Maka Saul menjauhkan Daud daripada kalangan warga istana lantas menjadikannya pemimpin pasukan seribu. Daud pun memimpin pergerakan pasukan, ¹⁴ dan dia berhasil dalam segala tugas yang dijalankannya kerana Tuhan menyertainya. ¹⁵ Apabila Saul melihat bahawa Daud sangat berhasil, dia menjadi takut kepadanya. ¹⁶ Sebaliknya, seluruh orang Israel dan orang Yehuda mencintai Daud kerana dialah yang memimpin pergerakan mereka.

¹⁷ Saul berkata kepada Daud, “Ketahuilah, puteriku yang tertua, iaitu Merab, akan kuberikan kepada kamu sebagai isterimu. Hanya, jadilah orang yang gagah perkasa bagiku dan berperanglah dalam peperangan Tuhan.” Dalam hati Saul berkata, “Semoga bukan tanganku yang menyentuhnya, tetapi semoga tangan orang Filistin yang menumpaskannya.”

¹⁸ Kata Daud kepada Saul, “Siapalah hamba ini dan siapakah kerabat hamba atau kaum ayah hamba di Israel, sehingga hamba menjadi menantu Raja?” ¹⁹ Akan tetapi, pada waktunya Merab anak Saul patut diserahkan kepada Daud,

perempuan itu diberikan kepada Adriel, orang Mehola, menjadi isterinya.

²⁰ Namun begitu, Mikhal anak Saul jatuh cinta kepada Daud. Ketika hal itu dikhabarkan kepada Saul, dia amat menyukainya. ²¹ Fikir Saul, “Aku akan memberikan Mikhal kepadanya. Semoga Mikhal menjadi jerat baginya dan semoga tumpaslah dia di tangan orang Filistin.” Maka bagi kali keduanya, Saul berkata kepada Daud, “Sekarang engkau boleh menjadi menantuku.”

²² Kepada para pegawainya Saul memberikan perintah, “Katakanlah secara senyap-senyap kepada Daud, ‘Ketahuilah, hati raja berkenan terhadap kamu dan begitu jugalah kesemua pegawai baginda mengasihi engkau. Oleh sebab itu, jadilah menantu raja.’ ”

²³ Maka para pegawai Saul menyampaikan kata-kata itu kepada Daud. Kata Daud, “Adakah kamu ingat bahawa menjadi menantu raja satu perkara yang kecil? Aku ini hanya seorang yang miskin dan hina.”

²⁴ Maka para pegawai Saul memberitahukan jawapan Daud yang sedemikian itu kepada raja, “Demikianlah jawapan Daud.” ²⁵ Kata Saul, “Katakanlah kepada Daud begini, ‘Raja tidak menghendaki mahar selain seratus keping kulit kulup orang Filistin sebagai pembalasan kepada musuh-musuh raja.’ ” Sesungguhnya,

Saul berharap akan tumpaslah hendaknya Daud di tangan orang Filistin. ²⁶ Apabila kata-kata raja itu disampaikan kepadanya, Daud pun memandang baik perihal menjadi menantu raja. Maka sebelum genap harinya, ²⁷ Daud bergegas pergi bersama-sama para pejuangnya lalu mereka menewaskan dua ratus orang Filistin. Daud membawa kulit kulup mereka dan mempersembahkan kesemuanya kepada raja yaitu memenuhi syarat untuk menjadi menantu raja. Maka Saul memberikan puterinya, Mikhal untuk diperisteri oleh Daud.

²⁸ Saul menyadari bahawa Tuhan menyertai Daud dan betapa dia dicintai oleh Mikhal anak Saul. ²⁹ Oleh itu, semakin takutlah Saul kepada Daud, dan seumur hidupnya dia memusuhi Daud.

³⁰ Para pemimpin Filistin terus maju berperang dan sebagaimana kerapnya mereka maju untuk memerangi tentera orang Israel, Daud lebih berhasil daripada semua pegawai Saul, sehingga namanya menjadi sebegitu masyhur lagi dikagumi.

Usaha Saul untuk membunuh Daud

19 ¹ Saul mengatakan kepada Yonatan, anaknya, dan kepada semua pegawainya bahawa Daud harus dibunuh. Akan tetapi, Yonatan anak Saul sangat suka pada Daud. ² Oleh

itu, Yonatan memberitahukan hal itu kepada Daud. Katanya, “Saul, ayahku, berikhtiar untuk membunuh engkau. Sekarang, berjaga-jagalah. Esok pagi, diamlah di sebuah tempat terlindung dan bersembunyilah. ³ Aku akan keluar dan berdiri di sisi ayahku di padang, tempat engkau berada. Aku akan berbicara mengenai engkau kepada ayahku, dan hasilnya akan kukhabarkan kepadamu.”

⁴ Yonatan mengatakan hal yang baik tentang Daud kepada Saul, ayahnya. Katanya kepadanya, “Janganlah Raja berbuat dosa terhadap hambanya, iaitu Daud, kerana dia tidak berbuat dosa terhadap engkau, dan segala sesuatu yang dikerjakannya pun sangat baik bagimu. ⁵ Dia telah mempertaruhkan nyawanya dan menumpaskan orang Filistin itu, sehingga Tuhan mengurniakan kemenangan yang besar bagi seluruh Israel. Engkau sendiri telah menyaksikannya dan bersukacita kerananya. Mengapakah kini engkau hendak berbuat dosa terhadap orang yang tidak bersalah seperti Daud dengan membunuhnya tanpa sebab?”

⁶ Saul mendengar kata-kata Yonatan, dan dia pun bersumpah, “Demi Tuhan yang hidup, dia tidak akan dibunuh.” ⁷ Yonatan memanggil Daud dan memberitahukan kepadanya semua hal itu. Lalu Yonatan membawa Daud untuk menghadap

Saul, dan Daud berkhidmat kepadanya seperti sediakala.

⁸ Kemudian peperangan tercetus lagi. Daud maju memerangi orang Filistin dan mengalahkan mereka dan orang Filistin ditumpaskan dengan sedemikian hebatnya sehingga larilah kesemuanya dari hadapannya.

⁹ Namun demikian, roh jahat yang diizinkan Tuhan datang lagi kepada Saul ketika dia sedang duduk di rumahnya dengan tombaknya di tangannya. Ketika Daud sedang memetik kecapi, ¹⁰ tiba-tiba Saul berusaha menancapkan Daud ke dinding dengan tombak itu. Akan tetapi, Daud mampu mengelak sehingga tombak Saul menikam dinding sahaja. Maka larilah Daud menyelamatkan diri pada malam itu.

¹¹ Kemudian Saul mengutus beberapa orang suruhan ke rumah Daud untuk mengawasinya dan membunuhnya pada pagi hari. Tetapi Mikhal, isteri Daud, memberitahukan hal itu kepadanya, katanya, “Jika engkau tidak menyelamatkan diri malam ini, maka esok engkau akan dibunuh.”

¹² Mikhal pun menurunkan Daud melalui jendela lantas larilah Daud untuk menyelamatkan dirinya.

¹³ Setelah itu, Mikhal mengambil terafim^p dan membaringkannya di tempat tidur. Diletakkannya bantal bulu kambing di bahagian kepalanya, lalu ditutupinya dengan selimut. ¹⁴ Ketika Saul mengutus orang suruhan untuk menangkap dan membawa Daud, Mikhal berkata, “Dia sakit.” ¹⁵ Lalu Saul mengutus orang suruhan itu kembali untuk melihat Daud, katanya, “Usunglah dia kepadaku di atas tempat tidur itu, supaya aku dapat membunuhnya.” ¹⁶ Tetapi ketika orang suruhan itu masuk, tampaklah terafim di tempat tidur itu dengan bantal bulu kambing di bahagian kepalanya. ¹⁷ Kata Saul kepada Mikhal, “Mengapakah engkau memperdaya aku seperti itu dan melepaskan musuhku pergi sehingga dia terselamat?”

Jawab Mikhal kepada Saul, “Dia berkata kepadaku, ‘Biarkanlah aku pergi. Apakah harus aku membunuh engkau?’ ”

¹⁸ Daud lari menyelamatkan diri. Pergilah dia kepada Samuel di Rama dan memberitahukan kepadanya segala sesuatu yang dilakukan Saul terhadapnya. Lalu pergilah dia bersama-sama Samuel dan tinggal di Nayot. ¹⁹ Namun demikian, kepada Saul diberitahukan demikian,

^p**19:13** Dlm bhs Ibrani, “terafim” bererti berhala yang disembah sebagai pelindung rumah tangga. Kemudian terafim itu disingkirkan oleh Yakub (lihat Kej. 35:2-4).

“Ketahuilah, Daud ada di Nayot, dekat Rama.”

²⁰ Maka Saul mengutus beberapa orang suruhan untuk menangkap dan membawa Daud. Apabila mereka melihat betapa sebuah rombongan para nabi bernubuat dengan diketuai oleh Samuel, turunlah Roh Allah ke atas mereka, sehingga orang suruhan Saul itu pun bernubuat seperti para nabi. ²¹ Hal itu diberitahukan kepada Saul. Maka diutusnya pulalah beberapa orang suruhan yang lain, tetapi mereka pun turut bernubuat seperti nabi. Untuk ketiga kalinya Saul mengutus beberapa lagi orang suruhan tetapi mereka juga bernubuat seperti nabi. ²² Akhirnya dia sendiri pergi ke Rama. Sesampainya dia di perigi besar di Sekhu, bertanyalah dia, “Di manakah Samuel dan Daud?” Jawab seseorang, “Ada di Nayot, dekat Rama.” ²³ Dia pergi ke sana, ke Nayot, dekat Rama, dan Roh Allah turun ke atasnya juga. Sambil terus berjalan dia bernubuat seperti nabi sampai tiba di Nayot, dekat Rama. ²⁴ Setelah itu, dia menanggalkan pakaiannya lalu dia bernubuat di hadapan Samuel. Sepanjang siang dan sepanjang malam dia berbaring dengan telanjang. Sebab itulah orang berkata, “Adakah Saul juga tergolong dalam kalangan nabi?”

Yonatan memberi Daud amaran

20¹ Maka larilah Daud dari Nayot, dekat Rama lalu sampailah dia kepada Yonatan. Berkatalah dia, “Apakah yang telah kuperbuat? Apakah kesalahanku dan apa dosaku terhadap ayahmu, sehingga dia ingin sekali mencabut nyawaku?”

² Kata Yonatan kepadanya, “Sekali-kali hal itu tidak akan berlaku! Malahan engkau tidak akan mati. Ketahuilah, ayahku tidak akan melakukan satu hal pun, besar atau kecil, tanpa menyatakannya kepadaku. Mengapakah ayahku harus menyembunyikan hal ini daripadaku? Bukan begitunya hal ini!”

³ Tetapi Daud bersumpah lagi, katanya, “Ayahmu tahu betul betapa sukanya engkau kepadaku. Jadi fikirnya, ‘Jangan sampai hal ini diketahui Yonatan sehingga bersusah hati pula dia.’ Akan tetapi, demi Tuhan yang hidup, dan demi hidupmu, hanya selangkah jarak di antara aku dengan maut.”

⁴ Kata Yonatan kepada Daud, “Akan kulakukan untukmu apa sahaja kehendak hatimu.”

⁵ Lalu kata Daud kepada Yonatan, “Esok bulan baru maka perlulah aku makan berhadapan

dengan raja. Tetapi biarkanlah aku pergi menyembunyikan diri di padang sampai malam lusa. ⁶ Jika ayahmu mencari aku, katakanlah, 'Daud sungguh-sungguh meminta kepadaku supaya dia diizinkan pergi dengan segera ke Betlehem, kotanya. Di sana ada upacara korban tahunan bagi seluruh kaumnya.' ⁷ Jika begini katanya, 'Baiklah,' berarti hambamu ini selamat. Tetapi jika teramat sangat amarahnya, ketahuilah bahawa dia memang berazam untuk mencederakan aku. ⁸ Jika demikian halnya, tunjukkanlah kasih kepada hambamu ini kerana engkau telah mengikat perjanjian dengan hambamu ini di hadapan Tuhan. Tetapi jika ada kesalahan padaku, biarlah engkau sendiri yang membunuh aku. Mengapakah engkau harus membawa aku kepada ayahmu?"

⁹ Kata Yonatan, "Jangan sekali-kali hal itu berlaku kepadamu! Jika aku tahu dengan pasti bahawa ayahku berniat mencederakanmu, masakan boleh aku tidak beritahukannya kepadamu?"

¹⁰ Tanya Daud kepada Yonatan, "Siapakah yang akan memberitahu aku jika ayahmu menjawab engkau dengan kasar?"

¹¹ Kata Yonatan kepada Daud, "Mari kita keluar, ke padang." Maka keluarlah kedua-duanya ke padang. ¹² Kemudian Yonatan berkata kepada

Daud, “Demi Tuhan, Allah Israel, aku akan merisik apakah sikap sebenar ayahku esok atau lusa pada waktu seperti ini. Jika memang baik keadaannya bagi Daud, masakan aku tidak menyuruh orang kepadamu dan menyatakannya kepadamu?

¹³ Biarlah Tuhan menjatuhkan azab kepada Yonatan, bahkan lebih lagi, jika ayahku memang berniat untuk mencederakanmu tetapi aku tidak menyatakannya kepadamu dan melepaskan engkau pergi dengan selamat. Semoga Tuhan menyertai engkau sebagaimana Dia menyertai ayahku dahulu. ¹⁴ Selama aku masih hidup tunjukkanlah kasih setia Tuhan kepadaku supaya jangan aku mati, ¹⁵ dan janganlah putuskan kasihmu daripada keluargaku untuk selama-lamanya, bahkan pada waktu Tuhan melenyapkan setiap musuh Daud daripada muka bumi.” ¹⁶ Maka Yonatan membuat perjanjian dengan keluarga Daud, katanya, “Biarlah Tuhan menuntut pembalasan daripada tangan para musuh Daud.”

¹⁷ Yonatan meminta Daud bersumpah lagi demi kasihnya kepadanya, kerana dia memang mengasihi Daud seperti dirinya sendiri.

¹⁸ Kata Yonatan kepadanya, “Esok bulan baru. Engkau akan dicari-cari orang kerana tempat

dudukmu kosong. ¹⁹ Lusa, turunlah dengan segera dan pergilah ke tempat engkau pernah menyembunyikan diri pada waktu peristiwa terdahulu, lalu tunggulah dekat batu Ezil. ²⁰ Aku akan melepaskan tiga batang anak panah ke sisi batu itu, seolah-olah aku memanah suatu sasaran. ²¹ Kemudian aku akan menyuruh pelayanku, 'Pergilah, temukan anak-anak panah itu.' Jika aku berkata dengan tegas kepada pembantu itu, 'Lihat, anak-anak panah itu di sebelah sini. Ambillah,' maka engkau harus datang, kerana demi Tuhan yang hidup, engkau selamat. Tidak ada bahaya apa-apa. ²² Tetapi jika aku berkata begini kepada anak itu, 'Lihat, anak-anak panah itu di sebelah sana,' maka pergilah kerana Tuhan menyuruh engkau pergi. ²³ Mengenai hal yang sudah kita bicarakan itu, antara aku dengan engkau, sesungguhnya Tuhan memang ada antara aku dengan engkau untuk selama-lamanya."

²⁴ Maka Daud pun menyembunyikan dirinya di padang. Ketika bulan baru tiba, duduklah raja dalam jamuan keraian itu. ²⁵ Seperti biasa, dia duduk di kerusinya yang dekat dengan dinding, sedangkan Yonatan berdiri, dan Abner duduk di sisi Saul; tetapi tempat Daud kosong. ²⁶ Pada hari itu Saul tidak berkata apa-apa kerana fikirnya, "Mungkin sesuatu terjadi padanya sehingga dia

bernajis; ya, tentu dia bernajis.”²⁷ Keesokan harinya, pada hari kedua dalam bulan itu, tempat Daud masih kosong juga. Maka Saul bertanya kepada Yonatan, anaknya, “Mengapa anak Isai itu tidak datang makan, baik kelmarin mahupun hari ini?”

²⁸ Jawab Yonatan kepada Saul, “Daud meminta dengan sungguh-sungguh kepadaku supaya dia diizinkan pergi ke Betlehem.”²⁹ Katanya, ‘Izinkanlah aku pergi, kerana kaum kami mengadakan upacara korban di kota dan abangku menyuruh aku datang. Jika engkau berkenan, izinkanlah aku pergi melihat saudara-saudaraku sekarang.’ Itulah sebabnya dia tidak datang ke meja jamuan raja.”

³⁰ Maka menyalalah amarah Saul kepada Yonatan lalu berkata kepadanya, “Anak daripada perempuan sundal yang derhaka! Aku tahu, engkau berpihak kepada anak Isai itu untuk mengaibkan dirimu serta ibumu yang telah melahirkan engkau, bukan?”³¹ Selama anak Isai itu masih hidup di atas bumi ini, maka baik engkau mahupun kerajaanmu tidak akan kukuh. Sekarang, suruhlah orang untuk membawa dia kepadaku, kerana dia harus mati.”

³² Akan tetapi, Yonatan menjawab Saul, ayahnya. Katanya, “Mengapakah dia harus dibunuh? Apakah yang telah dilakukannya?”

³³ Lalu Saul melemparkan tombaknya ke arah Yonatan untuk membunuhnya. Maka tahulah Yonatan bahawa ayahnya telah bertekad untuk membunuh Daud. ³⁴ Yonatan pun segera meninggalkan meja jamuan itu dengan amarah yang menyala-nyala. Dia tidak menyentuh apa-apa pun makanan pada hari kedua bulan itu. Hatinya amat hiba mengenangkan Daud yang dihina ayahnya. ³⁵ Pada pagi hari esoknya pergilah Yonatan ke padang pada waktu yang telah disepakatinya dengan Daud. Seorang budak kecil menyertai dia. ³⁶ Katanya kepada budak itu, "Larilah, temukan anak-anak panah yang kulepaskan!" Ketika budak itu berlari, dia melepaskan sebatang anak panah di seberang budak itu. ³⁷ Ketika budak itu sampai ke tempat anak panah yang dilepaskan Yonatan, berserulah Yonatan dari belakang budak itu, katanya, "Bukankah anak panah itu di sebelah sana?" ³⁸ Kemudian Yonatan berseru lagi, "Cepat, bergegaslah! Jangan berdiri sahaja!" Budak itu memungut anak panah itu lalu kembali kepada tuannya. ³⁹ Budak itu tidak tahu apa-apa, hanya Yonatan dan Daudlah yang mengetahuinya. ⁴⁰ Lalu Yonatan menyerahkan senjatanya kepada budak itu dan berkata kepadanya, "Pergilah, bawalah ke kota."

⁴¹ Setelah budak itu pergi, Daud segera keluar dari arah selatan. Dia sujud dan memberi hormat tiga kali. Mereka saling mencium dan bertangis-tangisan. Daud menangis paling kuat.

⁴² Yonatan berkata kepada Daud, “Pergilah dengan selamat, kerana kita berdua telah bersumpah demi nama Tuhan, ‘Tuhan akan ada antara aku dengan engkau, dan antara keturunanku dengan keturunanmu untuk selama-lamanya.’ ” Sesudah itu Daud bergegas pergi manakala Yonatan kembali ke kota.

Daud di Nob

21 ¹ Sampailah Daud ke Nob ke tempat Imam Ahimelehk. Dengan gementar Ahimelehk pergi menemui Daud dan berkata kepadanya, “Mengapakah engkau seorang diri? Mengapakah engkau tidak diiringi seorang pun?”

² Jawab Daud kepada Imam Ahimelehk, “Raja menugaskan aku untuk mengurus suatu perkara. Titahnya kepadaku, ‘Jangan seorang pun tahu tentang urusan yang kutugaskan dan kuperintahkan kepadamu ini.’ Oleh sebab itu kuarahkan orangku untuk pergi ke sebuah tempat. ³ Sekarang, apakah yang ada padamu?”

Berilah aku lima ketul roti atau apa sahaja yang ada.”

⁴ Jawab imam itu kepada Daud, “Tidak ada roti biasa padaku, hanya ada roti suci – asalkan orang lelakimu menahan diri daripada bersama dengan perempuan.”

⁵ Kata Daud kepada imam itu, “Tentu sahaja, seperti biasa, kami menahan diri daripada perempuan apabila aku berpergian. Tubuh orang aku suci sekalipun dalam perjalanan biasa, apatah lagi hari ini. Tubuh mereka memang suci.”

⁶ Maka imam memberikan roti suci itu kepada mereka kerana memang tidak ada roti lain di sana kecuali roti persembahan, yang baru diambil dari hadirat Tuhan untuk diganti dengan roti panas apabila roti yang lama itu dibawa pergi.

⁷ Pada hari itu juga, ada salah seorang pegawai Saul di sana yang sedang memenuhi kewajipan kepada Tuhan. Namanya Do'eg, orang Edom, pemimpin gembala Saul.

⁸ Daud berkata kepada Ahimelekh, “Tidak adakah padamu di sini tombak atau pedang? Aku tidak membawa pedang ataupun senjata, kerana urusan raja itu mendesak.”

⁹ Kata imam itu, “Pedang Goliat, orang Filistin yang kaubunuh di Lembah Elah itu, ada di sini,

terbungkus di dalam kain di belakang baju efod. Jika engkau mahu mengambilnya, ambillah. Di sini tidak ada yang lain kecuali sebilah itu.”

Kata Daud, “Pedang itu tidak ada bandingannya. Berikanlah kepadaku.”

Daud di Gat

¹⁰ Pada hari itu juga Daud bersegera melarikan diri daripada Saul. Dia pergi ke tempat Akhis, raja Gat. ¹¹ Kata para pegawai Akhis kepada raja, “Bukankah ini Daud, raja negeri itu? Bukankah mengenai dia mereka menyanyi berbalas-balasan sambil menari-nari, demikian,

‘Saul membunuh beribu-ribu,
dan Daud berpuluh-puluh ribu?’”

¹² Hati Daud sangat terusik dengan kata-kata itu lalu dia menjadi sangat takut kepada Akhis, raja Gat itu. ¹³ Lalu diubahnya tingkah lakunya di hadapan mata mereka dan berpura-pura gila apabila dekat dengan mereka. Dia menggores-gores daun pintu gerbang dan membiarkan air liurnya meleleh ke janggutnya. ¹⁴ Kata Akhis kepada para pegawainya, “Tengoklah, orang ini gila. Mengapa kamu membawa dia kepadaku?

¹⁵ Adakah aku kekurangan orang gila sehingga

21:11: 1Sam 18:7; 29:5. **21:12:** Mzm 56.

21:13: Mzm 34.

kamu membawa orang ini untuk menunjukkan kegilaannya di hadapanku? Patutkah orang ini masuk ke dalam rumahku?"

Daud di gua Adulam

22 ¹ Lalu pergilah Daud dari situ ke gua Adulam demi menyelamatkan diri. Maka para saudaranya dan seluruh keluarganya yang mendengar hal itu turut pergi ke sana untuk bersama-samanya. ² Semua orang yang ada dalam kesesakan, yang berhutang, dan yang sakit hati juga datang berkumpul bersama-samanya, dan dia menjadi ketua mereka. Ada kira-kira empat ratus orang lelaki yang menyertainya.

³ Dari situ Daud berpindah ke Mizpa di Moab. Berkatalah dia kepada raja Moab, "Izinkanlah ayah dan ibu hamba datang ke mari dan tinggal dengan tuanku, sampai hamba mengetahui apa yang akan dilakukan Allah terhadap hamba."

⁴ Lalu dia membawa mereka menghadap raja Moab, dan mereka pun tinggal bersama dengannya selama Daud berada di kubu pertahanan.

⁵ Akan tetapi, nabi Gad berkata kepada Daud, "Jangan tinggal di kubu pertahanan ini. Pergilah, masuklah ke Tanah Yehuda." Maka pergilah Daud lalu masuk ke Hutan Keret.

Saul membunuh para imam di Nob

⁶ Saul mendengar bahawa Daud dan orang yang menyertainya telah dijumpai. Pada waktu itu Saul sedang duduk di Gibeon, di bawah pokok tamariska di Rama. Tombaknya ada di tangannya dan semua pegawainya berdiri dekatnya. ⁷ Kata Saul kepada para pegawainya yang berdiri dekatnya, “Dengarlah, wahai orang Benyamin! Adakah anak Isai itu akan memberikan ladang dan kebun anggur kepada kamu semua? Adakah dia akan menjadikan kamu semua pemimpin pasukan seribu dan pemimpin pasukan seratus, ⁸ sehingga kamu semua bersekongkol melawan aku? Tiada seorang pun memberitahu aku ketika anakku sendiri mengikat perjanjian dengan anak Isai itu. Tiada seorang pun daripada kamu yang mengambil berat terhadap aku atau memberitahu aku bahawa anakku telah menghasut pegawainya untuk melawan aku sambil dia menunggu kesempatan untuk bertindak sebagaimana yang terjadi pada hari ini.”

⁹ Kemudian berkatalah Do'eg, orang Edom, yang berdiri dekat para pegawai Saul, “Kulihat anak Isai itu mendatangi Ahimelekh anak Ahitub di

Nob. ¹⁰ Ahimelekh menanyakan petunjuk Tuhan baginya dan memberikan bekalannya. Diberikannya juga pedang Goliat, orang Filistin itu, kepadanya.”

¹¹ Maka raja memerintahkan agar Imam Ahimelekh anak Ahitub dan seluruh keluarganya, yaitu para imam di Nob, datang menghadap lalu mereka pun datanglah kesemuanya menghadap raja.

¹² Kata Saul, “Dengarlah, wahai anak Ahitub.”

Jawab Ahimelekh, “Daulat, Tuanku.”

¹³ Kata Saul kepadanya, “Mengapa kamu, yaitu engkau dan anak Isai itu, bersekongkol melawan aku? Engkau memberikan roti dan sebilah pedang kepadanya serta menanyakan petunjuk Tuhan baginya sehingga dia bangkit melawan aku dan menunggu kesempatan untuk bertindak terhadap aku seperti yang terjadi pada hari ini.”

¹⁴ Jawab Ahimelekh kepada raja, “Tetapi siapakah antara semua pegawai tuanku yang begitu dipercayai seperti Daud? Apatah lagi, selain menjadi menantu raja, dia juga ketua para pengawal tuanku dan dihormati di dalam istana tuanku. ¹⁵ Adakah baru hari ini sahaja hamba menanyakan petunjuk Allah baginya? Sama sekali tidak! Janganlah Raja menanggungkan sesuatu pun atas hambamu ini atau atas semua

keluarga hamba, kerana sedikit pun hamba tidak tahu-menahu tentang semua ini.”

¹⁶ Tetapi kata raja, “Engkau harus mati, Ahimelekh, engkau dan seluruh keluargamu.”

¹⁷ Kemudian raja berkata kepada para bentara yang berdiri dekatnya, “Majulah dan hapuskanlah para imam Tuhan itu, kerana mereka pun berpihak kepada Daud. Mereka tahu bahawa dia sedang melarikan diri, tetapi mereka tidak memberitahukan hal itu kepadaku.”

Namun demikian, para pegawai raja enggan menghulurkan tangan untuk menyerang para imam Tuhan. ¹⁸ Lalu berkatalah raja kepada Do'eg, “Majulah dan seranglah para imam itu!” Maka Do'eg, orang Edom itu, maju menyerang para imam. Pada hari itu dia membunuh lapan puluh lima orang yang memakai baju efod daripada kain linen. ¹⁹ Nob, kota para imam itu, diserangnya pula dengan mata pedang. Lelaki dan perempuan, anak-anak dan bayi-bayi yang menyusu, juga kawanan lembu, keldai, serta domba, dibunuhnya dengan mata pedang.

²⁰ Seorang anak Ahimelekh anak Ahitub, namanya Abyatar, berjaya menyelamatkan diri lantas melarikan diri lalu bergabung dengan Daud. ²¹ Abyatar memberitahu Daud bahawa Saul telah membunuh para imam Tuhan. ²² Kata Daud kepada Abyatar, “Pada hari itu, ketika

Do'eg, orang Edom itu, berada di sana, aku tahu bahawa dia pasti akan memberitahukan hal berkenaan kepada Saul. Akulah yang menyebabkan kematian seluruh anggota keluargamu. ²³ Tinggallah bersama-samaku. Jangan takut. Orang yang mengancam nyawamu ialah orang yang turut mengancam nyawaku. Bersama-samaku engkau akan selamat.”

Daud di Kehila

23 ¹ Disampaikanlah kepada Daud demikian pada suatu hari, “Ketahuilah, orang Filistin sedang memerangi Kehila dan menjarah tempat-tempat pembantingan bijirin.” ² Maka Daud menanyakan petunjuk Tuhan, katanya, “Haruskah aku pergi dan menyerang orang Filistin itu?”

Firman Tuhan kepada Daud, “Pergilah, seranglah orang Filistin itu dan selamatkanlah Kehila.”

³ Tetapi anak buah Daud berkata kepadanya, “Ingat, di Tanah Yehuda di sini pun kita sudah ketakutan, apa lagi kalau kita pergi ke Kehila melawan barisan perang orang Filistin.” ⁴ Maka sekali lagi Daud berusaha mendapatkan petunjuk Tuhan lalu Tuhan menjawabnya. Firman-Nya, “Pergilah segera ke Kehila kerana Aku akan menyerahkan orang Filistin itu ke dalam

tanganmu.”⁵ Maka pergilah Daud dengan pasukannya ke Kehila memerangi orang Filistin itu dan merampas ternakan mereka serta menewaskan mereka secara besar-besaran. Demikianlah Daud menyelamatkan penduduk Kehila.

⁶ Pada waktu Abyatar anak Ahimelekh melarikan diri ke tempat Daud dan menyertainya ke Kehila, dia membawa baju efod bersama-samanya.

Daud dikejar Raja Saul

⁷ Kemudian dikhabarkanlah kepada Saul bahawa Daud datang ke Kehila. Lalu kata Saul, “Allah telah menyerahkan dia ke dalam tanganku, kerana dengan memasuki kota yang berpintu dan berpalang, dia telah mengurung dirinya.”

⁸ Maka Saul mengerahkan seluruh rakyat pergi berperang di Kehila untuk mengepung Daud serta pasukannya.

⁹ Apabila Daud mengetahui Saul merancang kejahatan terhadap dirinya, berkatalah dia kepada Imam Abyatar, “Bawalah baju efod itu ke mari.”¹⁰ Lalu kata Daud, “Ya Tuhan, Allah Israel, hamba-Mu telah mendengar dengan pasti bahawa Saul berikhtiar datang ke Kehila untuk memusnahkan kota ini kerana aku.”¹¹ Apakah warga Kehila ini akan menyerahkan aku ke dalam tangannya? Apakah Saul akan datang seperti

yang didengar hamba-Mu? Ya Tuhan, Allah Israel, beritahulah kiranya kepada hamba-Mu ini.”

Firman Tuhan, “Dia akan datang.”

¹² Tanya Daud, “Adakah warga Kehila ini akan menyerahkan aku dan orangku ke dalam tangan Saul?” Firman Tuhan, “Mereka akan menyerahkan kamu.”

¹³ Maka Daud dan orangnya, kira-kira enam ratus orang banyaknya, segera keluar dari Kehila dan pergi ke mana-mana sahaja mereka dapat pergi. Saul tidak jadi pergi setelah diberitahukan kepadanya bahawa Daud telah melarikan diri dari Kehila.

¹⁴ Daud tinggal di gurun, di dalam kubu-kubu pertahanan. Dia tinggal di pergunungan, di Gurun Zif. Setiap hari Saul mencari dia, tetapi Allah tidak menyerahkan Daud ke dalam tangannya.

Raja Saul mengejar Daud

¹⁵ Daud menyedari bahawa Saul keluar untuk mengancam nyawanya. Ketika Daud berada di Gurun Zif, di Koresa, ¹⁶ Yonatan anak Saul bergegas pergi mendapatkan Daud di Koresa lalu dia menguatkan keyakinan Daud kepada Allah. ¹⁷ Kata Yonatan kepadanya, “Jangan takut. Tangan Saul, ayahku, tidak akan dapat menangkap kamu. Engkau akan menjadi raja atas orang Israel dan aku akan menjadi orang kedua

di bawahmu. Saul, ayahku, tahu juga tentang hal itu.”¹⁸ Lalu kedua-duanya mengikat perjanjian di hadapan Tuhan. Setelah itu, Daud tetap tinggal di Koresa, manakala Yonatan pulang ke rumahnya.

¹⁹ Namun demikian, rupanya orang Zif datang menghadap Saul di Gibeon, kata mereka, “Daud menyembunyikan diri antara kami. Dia ada di kubu-kubu pertahanan di Koresa, di Bukit Hakhila, sebelah selatan gurun.”²⁰ Sekarang, ya Raja, bila-bila sahaja tuanku berkehendak untuk datang, silakan datang. Memang menjadi tanggungjawab kami untuk menyerahkan dia ke dalam tangan tuanku.”

²¹ Kata Saul, “Semoga Tuhan memberkatimu, kerana kamu menunjukkan rasa sayangmu kepadaku.”²² Sekarang pergilah, pastikan lagi. Pastikan serta amatilah tempat dia berada dan siapakah yang datang menemuinya di sana. Kononnya dia sangat cerdas.²³ Amatilah dan kenal pasti segala tempat persembunyiannya. Setelah itu, kembalilah kepadaku dengan suatu kepastian, maka aku akan pergi bersama-sama kamu. Jika dia ada di negeri ini, akan kucari dia antara segala kaum orang Yehuda.”

²⁴ Mereka itu segera pergi ke Zif mendahului Saul. Pada waktu itu Daud dan pasukannya ada

di Gurun Maon, Arabah, di sebelah selatan daerah Jesimon. ²⁵ Saul dan bala tenteranya pergi mencari Daud. Hal itu diberitahu kepada Daud lantas Daud berangkat ke bukit batu pejal dan tinggal di Gurun Maon. Ketika Saul mendengar hal itu, maka dia mengejar Daud ke Gurun Maon. ²⁶ Saul berjalan di sisi gunung sebelah sini, manakala Daud dan pasukannya di sisi gunung sebelah sana. Daud cepat-cepat menjauhkan diri daripada Saul. Ketika Saul dan orangnya hampir mengepung Daud beserta pasukannya untuk menangkap mereka, ²⁷ datanglah seorang utusan menghadap Saul dan berkata, “Pulanglah segera. Orang Filistin sedang menyerang negeri ini.” ²⁸ Lalu berhentilah Saul mengejar Daud dan pergi menghadapi serangan orang Filistin. Itulah sebabnya tempat itu dinamai Bukit Batu Pelolosan. ²⁹ Dari situ, pergilah Daud lalu tinggal di kubu-kubu pertahanan di En-Gedi.

Raja Saul dibiarkan hidup

24 ¹ Apabila Saul pulang sesudah memburu orang Filistin itu, dia diberitahu, “Ketahuilah, Daud ada di Gurun En-Gedi.” ² Lalu Saul mengambil tiga ribu orang yang terpilih daripada seluruh orang Israel, untuk pergi memburu Daud dan pasukannya di batu pejal Kambing Hutan. ³ Sesampainya di kandang-

kandang domba di tepi jalan itu, ada gua dan Saul masuk ke dalamnya untuk membuang air, tetapi Daud dan pasukannya sedang berada di bahagian belakang gua itu. ⁴ Lalu orang Daud berkata kepadanya, “Inilah hari yang difirmankan Tuhan kepada tuan, ‘Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan musuhmu ke dalam tanganmu. Lakukanlah terhadap dia menurut apa yang kaupandang baik.’ ” Daud pun mendekat lalu memotong bucu jubah Saul secara diam-diam. ⁵ Kemudian berdebar-debarlah hati Daud, kerana dia telah memotong bucu jubah Saul. ⁶ Lalu berkatalah dia kepada anak buahnya, “Tuhan melarang aku melakukan hal sebegitu terhadap tuanku, orang yang dilantik Tuhan, atau mencederakan dia, kerana dia dilantik Tuhan.” ⁷ Dengan kata-kata itu Daud menahan anak buahnya dan tidak mengizinkan mereka untuk menyerang Saul. Sementara itu Saul bergegas meninggalkan gua untuk melanjutkan perjalanannya. ⁸ Kemudian bergegaslah Daud keluar dari dalam gua dan berseru dari belakang Saul, katanya, “Tuanku Raja!”

Ketika Saul menengok ke belakang, Daud membongkok dan sujud memberi hormat. ⁹ Lalu berkatalah Daud kepada Saul, “Mengapakah

tuanku mendengar kata-kata kalangan yang mengatakan, 'Ketahuilah, Daud berikhtiar mencederakan tuanku'? ¹⁰ Kata Daud kepada Saul, "Sesungguhnya, pada hari ini mata tuanku sendiri melihat, bahawa Tuhan sudah menyerahkan tuanku ke dalam tangan hamba di dalam gua itu; ada orang yang mendesak hamba untuk membunuh tuanku, tetapi hamba berasa sayang kepada tuanku kerana fikir hamba: 'Aku tidak akan menjamah tuanku itu, kerana dialah orang yang diurapi dan dilantik Tuhan.' ¹¹ Lihatlah, ayahku, lihatlah punca jubah tuanku di tangan hamba ini. Hamba mengerat punca jubah tuanku, namun tidak membunuh tuanku. Ketahuilah dan sedarilah bahawa tidak ada kejahatan atau kederhakaan daripada pihak hamba. Hamba tidak berbuat dosa terhadap tuanku, sekalipun tuanku memburu hamba untuk mencabut nyawa hamba. ¹² Semoga Tuhan menjadi hakim antara hamba dengan tuanku, dan semoga Tuhan membalas perbuatan tuanku terhadap hamba, namun tangan hamba tidak akan menyentuh tuanku. ¹³ Pepatah zaman dahulu mengatakan, 'Kefasiqan terbit daripada orang fasiq,' tetapi tangan hamba tidak akan mencederakan tuanku. ¹⁴ Siapakah

sesungguhnya yang dikejar raja Israel? Siapakah sesungguhnya yang tuanku buru? Hanya anjing mati! Seekor hama sahaja! ¹⁵ Oleh sebab itu semoga Tuhan menjadi hakim dan memutuskan perkara antara hamba dengan tuanku. Semoga Dia menyaksikan, membela perkara hamba, dan membebaskan hamba daripada tangan tuanku.” ¹⁶ Setelah selesai Daud menyampaikan hujah itu kepada Saul, berkatalah Saul, “Adakah itu suaramu, anakku Daud?” Kemudian Saul pun menangis dengan suara nyaring.

¹⁷ Katanya kepada Daud, “Engkau lebih benar daripada aku, kerana engkau telah berbuat baik terhadap aku, padahal aku berbuat jahat terhadap engkau. ¹⁸ Pada hari ini telah kaunyatakan bagaimana engkau berbuat baik terhadap aku. Walaupun Tuhan menyerahkan aku ke dalam tanganmu, engkau tidak membunuh aku. ¹⁹ Apabila seseorang menemukan musuhnya, jarang-jarang sekali dia akan melepaskannya pergi dengan selamat! Semoga Tuhan membalas kamu dengan kebaikan atas apa yang kaulakukan kepadaku pada hari ini. ²⁰ Oleh itu, sekarang aku yakin betapa engkau pasti menjadi raja dan jawatan raja Israel akan tetap kukuh dalam tanganmu. ²¹ Sekarang bersumpahlah kepadaku demi Tuhan, bahawa engkau tidak akan melenyapkan keturunanku

dan tidak akan menghapuskan namaku daripada keluargaku.”²² Lalu bersumpahlah Daud kepada Saul.

Kemudian pulanglah Saul ke rumahnya manakala Daud dan anak buahnya pergi ke kubu tempat persembunyian mereka.

Kematian Samuel

25¹ Selang beberapa waktu, wafatlah Samuel. Maka berhimpunlah semua orang Israel meratapinya sebelum memakamkannya di rumahnya, di Rama. Setelah itu, Daud segera pergi ke Gurun Paran.

Daud menikahi balu Nabal, Abigail

² Di Maon ada seorang lelaki yang mempunyai perusahaan di Karmel. Orang itu sangat kaya: dia mempunyai tiga ribu ekor domba dan seribu ekor kambing. Dia berada di Karmel pada waktu pengetaman bulu domba-dombanya.³ Nama lelaki itu Nabal dan nama isterinya Abigail. Wanita itu bijak dan cantik parasnya manakala suaminya, seorang daripada bani Kaleb itu adalah kasar dan jahat kelakuannya.

⁴ Di gurun itu Daud mendengar khabar bahawa Nabal sedang mengetam bulu domba-dombanya.⁵ Lalu Daud mengutus sepuluh orang muda. Kepada orang muda itu Daud berkata, “Pergilah

ke Karmel dan temuilah Nabal. Tanyalah khabarnya atas namaku. ⁶ Beginilah harus kamu katakan kepada orang yang hidup senang itu, 'Sejahteralah tuan, sejahteralah keluarga tuan, dan sejahteralah segala yang ada pada tuan. ⁷ Baru-baru ini kudengar khabar bahawa tuan sedang mengadakan pengetaman bulu domba. Para gembala tuan yang ada bersama-sama kami tidak pernah kami usik. Mereka pun tidak pernah kehilangan apa-apa selama mereka berada di Karmel. ⁸ Tanyalah kepada para pembantu tuan. Mereka tentu akan memberitahukan hal itu kepada tuan. Oleh sebab itu mohon tuan bermurah hati kepada orang muda ini, kerana kami datang pada hari perayaan. Sudilah kiranya tuan memberikan apa yang ada pada tuan kepada hamba-hambamu ini dan kepada anakmu Daud.' "

⁹ Setelah orang muda suruhan Daud itu tiba, mereka menyampaikan kepada Nabal kata-kata itu atas nama Daud, lalu mereka menunggu. ¹⁰ Jawab Nabal kepada anak buah Daud, "Siapakah Daud itu? Siapakah anak Isai itu? Sekarang ini banyak hamba yang melarikan diri daripada tuan mereka. ¹¹ Masakan aku mengambil rotiku, airku, dan daging binatang yang telah kusembelih bagi para pengetam bulu

dombaku lalu memberikannya kepada kalangan yang tidak kuketahui dari mana datangnya?”

¹² Maka pulanglah orang muda suruhan Daud itu. Setelah sampai, mereka menyampaikan kepadanya semua yang dikatakan Nabal itu.

¹³ Maka kata Daud kepada anak buahnya, “Sandanglah pedang masing-masing!” Lalu mereka menyandang pedang masing-masing, dan begitu juga Daud. Ada kira-kira empat ratus orang yang pergi mengikuti Daud, sementara dua ratus orang lainnya tinggal untuk menjaga barang-barang mereka.

¹⁴ Akan tetapi, seorang pembantu memberitahu Abigail, isteri Nabal, demikian, “Daud mengirinkan beberapa orang utusan dari gurun untuk mengucapkan salam kepada tuan kami, tetapi tuan memaki hamun mereka.

¹⁵ Padahal orang itu sangat baik terhadap kami. Kami tidak diusik dan tidak kehilangan apa-apa pun selama kami bergaul dengan mereka di padang. ¹⁶ Bahkan, selama kami menggembala domba berdekatan dengan mereka, mereka seperti tembok pelindung bagi kami, baik malam mahupun siang. ¹⁷ Sekarang, fikirkanlah dan pertimbanglah apa yang harus puan lakukan, kerana mereka telah merancang untuk mendatangkan kecederaan terhadap tuan kami dan terhadap seluruh keluarganya. Tuan memang

seorang yang berkelakuan jahat yang tidak dapat dibawa berbincang.”

¹⁸ Kemudian Abigail segera mengambil dua ratus ketul roti, dua kantung kulit berisi air anggur, lima ekor domba yang telah diolah, lima sukatan bertih bijirin, seratus buah kuih kismis, dan dua ratus buah kuih ara. Dimuatnya semua itu di atas beberapa ekor keldai. ¹⁹ Katanya kepada para pembantunya, “Berjalanlah mendahului aku. Nanti aku akan menyusul kamu.” Akan tetapi, dia tidak memberitahukan hal itu kepada suaminya, Nabal.

²⁰ Dengan menunggangi keldainya, Abigail sedang berjalan menurun pinggiran gaung gunung ketika tiba-tiba tampak Daud dan orangnya turun ke arahnya. Dia pun bertemu dengan mereka. ²¹ Sebelumnya Daud berkata, “Sia-sia sahaja aku menjaga segala milik orang ini di gurun sehingga tidak ada sesuatu pun kepunyaannya yang hilang. Dia membalas kebbaikanku dengan kejahatan. ²² Sekiranya Allah menghukum musuh-musuh Daud, bahkan lebih lagi daripada itu, jika aku membiarkan hidup sampai pagi seorang lelaki sahaja pun daripada semua yang ada padanya.”

²³ Apabila Abigail melihat Daud, dia segera turun dari keldainya, lalu sujud di hadapan Daud dan memberi hormat. ²⁴ Dia bersujud di kaki

Daud lalu berkata, “Hamba sajalah, ya tuanku, yang menanggung kesalahan itu. Perkenankanlah hambamu ini berbicara kepada tuan, dan sudilah kiranya tuan mendengar kata-kata hambamu ini. ²⁵ Hamba mohon, janganlah tuanku mengambil berat orang yang rendah akhlak itu, iaitu Nabal. Kerana sebagaimana namanya, memang demikianlah dia. Namanya Nabal, dan kebodohan ada padanya. Sesungguhnya, hambamu ini tidak melihat orang muda yang diutus tuanku itu. ²⁶ Sekarang, ya tuanku, demi Tuhan yang hidup, dan demi hidup tuan yang dicegah Tuhan untuk menumpahkan darah orang dan menuntut balas dengan tangan tuan sendiri, biarlah musuh-musuh tuan dan orang yang mengikhtiarkan kejahatan terhadap tuanku menjadi seperti Nabal. ²⁷ Biarlah pemberian ini, yang dibawa hambamu bagi tuanku, diberikan kepada orang muda yang mengiringi tuanku. ²⁸ Ampunkanlah kiranya kesalahan hambamu ini. Tuhan pasti membina sebuah keluarga yang teguh bagi tuanku kerana tuanku berperang dalam peperangan Tuhan, dan kejahatan tidak akan didapati pada tuan seumur hidup tuan. ²⁹ Sekalipun manusia bangkit mengejar tuan dan mengancam nyawa tuan, nyawa tuanku akan dibungkus dalam bungkusan hidup di bawah penjagaan Tuhan, Allahmu. Sebaliknya,

nyawa musuh-musuh tuan akan dilontarkan-Nya seperti dari dalam tarbil. ³⁰ Apabila Tuhan telah melakukan segala hal yang baik terhadap tuan selaras dengan yang difirmankan-Nya mengenai tuan, dan telah menetapkan tuan sebagai pemimpin atas Israel, ³¹ maka tuan tidak akan tersandung atau berasa susah hati kerana hal ini, iaitu bahawa tuan telah menumpahkan darah dengan tidak semena-mena atau menuntut balas bagi diri tuanku sendiri. Apabila Tuhan berbuat baik terhadap tuanku, ingatlah kepada hambamu ini.”

³² Kata Daud kepada Abigail, “Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel. Dia telah mengutus engkau untuk menemui aku pada hari ini. ³³ Terpujilah kebijaksanaan kamu dan terpujilah engkau, yang pada hari ini mencegah aku pergi menumpahkan darah dan menuntut balas bagi diriku dengan tanganku sendiri. ³⁴ Demi Tuhan, Allah Israel, yang mencegah aku daripada mencederakan engkau, jika engkau tidak segera datang menemui aku, pasti tidak ada seorang anak buah lelaki Nabal yang terselamat sewaktu fajar menyingsing.” ³⁵ Lalu Daud menerima daripada tangan perempuan itu apa yang dibawanya untuk dia dan berkata kepadanya, “Pulanglah dengan selamat ke rumahmu. Lihatlah, aku

telah mendengar kata-katamu dan mengabulkan permohonanmu.”

³⁶ Sesampainya Abigail di tempat Nabal, tampak Nabal sedang mengadakan jamuan di rumahnya seperti jamuan seorang raja. Hatinya senang, dan dia sangat mabuk. Oleh sebab itu Abigail tidak bercerita sepatah kata pun kepadanya sampai fajar menyingsing. ³⁷ Pagi harinya, ketika pengaruh air anggur telah hilang daripada Nabal, isterinya menceritakan hal-hal itu kepadanya. Lalu terhentilah jantungnya di dalam dadanya dan dia pun menjadi seperti batu. ³⁸ Kira-kira sepuluh hari kemudian, Tuhan menyerang Nabal sehingga dia mati.

³⁹ Apabila Daud mendengar bahawa Nabal sudah mati, berkatalah dia, “Segala puji bagi Tuhan, yang telah membela aku dalam perkara penghinaan Nabal terhadap aku, dan yang telah mencegah hamba-Nya daripada melakukan kejahatan. Tuhan telah melantun balik kejahatan Nabal kepada dirinya sendiri.”

Lalu Daud mengutus orang untuk berbicara dengan Abigail perihal maksud Daud melamar dia untuk menjadi isterinya. ⁴⁰ Anak buah Daud pun menemui Abigail di Karmel, lalu berkata kepadanya, “Daud mengutus kami kepada puan untuk melamar puan menjadi isterinya.”

⁴¹ Perempuan itu segera bersujud memberi hormat sambil berkata, “Sesungguhnya, hambamu ini bersedia menjadi hamba pembasuh kaki anak buah tuanku.” ⁴² Abigail segera bersiap, lalu dia menunggang seekor keldai dengan diiringi lima orang dayangnya. Dia mengekori para utusan Daud, lalu menjadi isterinya.

⁴³ Sebelumnya, Daud telah memperisteri Ahinoam dari Yizreel. Jadi, kedua-dua orang wanita itu menjadi isterinya. ⁴⁴ Sementara itu, Mikhal, anak perempuan Saul, isteri Daud, telah diberikan Saul kepada Palti anak Lais yang berasal dari Galim itu.

Sekali lagi Daud membiarkan Raja Saul hidup

26 ¹ Orang Zif datang kepada Saul di Gibeon dan berkata, “Bukankah Daud sedang menyembunyikan diri di Bukit Hakhila, yang terletak di sebelah timur Jesimon?” ² Maka Saul segera turun ke Gurun Zif berserta tiga ribu orang pilihan dari Israel untuk mencari Daud di gurun itu. ³ Kemudian Saul berkhemah di sisi jalan di Bukit Hakhila, berhadapan dengan gurun. Pada waktu itu, Daud masih berada di gurun itu. Namun apabila diketahuinya bahawa

Saul datang mengejarnya ke gurun itu, ⁴ dia mengutus beberapa orang pengintip untuk memastikan memang Saul sudah datang. ⁵ Lalu Daud pergi ke tempat Saul berkhemah. Di sana diamatinya tempat Saul dan Abner anak Ner, panglima tenteranya, berbaring. Saul berbaring di tengah-tengah perkhemahan manakala bala tenteranya berkhemah di sekelilingnya.

⁶ Bertanyalah Daud kepada Ahimelekh, orang Het, dan kepada Abisai anak Zeruya, saudara Yoab, “Siapakah yang mahu turun bersama-samaku ke tempat Saul di perkhemahan itu?”

Jawab Abisai, “Hamba akan turun bersama dengan tuan.”

⁷ Sesampainya Daud dan Abisai di tempat pasukan itu pada malam hari, tampaklah Saul berbaring tidur di tengah-tengah perkhemahan. Tombaknya tertancap ke tanah, berdekatan dengan kepalanya, sementara Abner dan seluruh pasukan berbaring di sekelilingnya. ⁸ Kata Abisai kepada Daud, “Pada hari ini Allah telah menyerahkan musuh tuan ke dalam tangan tuan. Sekarang, biarlah hamba tancapkan dia ke tanah dengan tombak ini dengan sekali tikam sahaja. Tidak perlulah hamba menyerangnya dua kali.”

⁹ Tetapi kata Daud kepada Abisai, “Jangan binasakan dia. Siapakah yang dapat

mencederakan orang yang dilantik Tuhan dan bebas daripada kesalahan?”¹⁰ Kata Daud lagi, “Demi Tuhan yang hidup, Tuhan sendirilah yang akan mengajar^q dia. Mungkin akan tiba ajalnya dan dia mati, atau dia ke medan perang lalu tumpas.¹¹ Tuhan melarang aku membinasakan orang yang dilantik Tuhan. Sekarang, kita akan mengambil sahaja tombak yang ada berdekatan dengan kepalanya serta buyung air itu. Lalu kita pergi.”¹² Maka Daud mengambil tombak dan buyung air itu dari dekat kepala Saul, lalu mereka pergi. Tidak ada yang melihat, tidak ada yang mengetahui, dan tidak ada yang terjaga. Mereka semua tertidur, kerana Tuhan membuat mereka tertidur dengan lelapnya.

¹³ Kemudian Daud berjalan ke seberang lalu berdiri di atas puncak bukit yang ada jarak yang jauh di antara mereka.¹⁴ Dari situ Daud berseru kepada pasukan Saul dan kepada Abner anak Ner, katanya, “Tidakkah kaujawab aku, Abner?”

Jawab Abner, “Siapa engkau, yang berseru kepada raja?”

^q**26:10** Mengajar: Memukul demi menghukum atau membinasakan.

26:11: 1Sam 24:6.

¹⁵ Kata Daud kepada Abner, “Engkau lelaki, bukan? Siapakah yang seperti engkau antara orang Israel? Mengapakah engkau tidak mengawal baik-baik raja iaitu tuanmu? Ada seorang daripada kalangan rakyat yang masuk untuk membinasakan tuanmu raja itu.

¹⁶ Perbuatanmu itu tidak baik. Demi Tuhan yang hidup, kamu patut mati, kerana kamu tidak mengawal tuanmu, orang yang dilantik Tuhan itu. Sekarang lihatlah, di manakah tombak raja dan buyung air yang ada berdekatan dengan kepalanya?”

¹⁷ Saul mengenali suara Daud lalu dia berkata, “Adakah itu suaramu, wahai anakku Daud?”

Jawab Daud, “Suara hamba, ya Tuanku Raja.” ¹⁸ Katanya pula, “Mengapakah tuanku mengejar hambanya ini? Apakah yang telah hamba lakukan? Kejahatan apa yang ada di tangan hamba? ¹⁹ Sekarang, sudilah Tuanku Raja mendengar kata-kata hambanya ini. Jika Tuhan yang menggerakkan tuanku untuk melawan hamba, biarlah Dia menerima suatu persembahan. Tetapi jika itu manusia, terkutuklah mereka di hadapan Tuhan, kerana pada hari ini mereka menghalau hamba dengan berkata, ‘Pergilah, beribadatlah kepada tuhan lain,’ sehingga hamba tidak mendapat bahagian dalam milik pusaka Tuhan. ²⁰ Sekarang, jangan

biarkan darah hamba tertumpah ke bumi, jauh dari hadirat Tuhan. Sesungguhnya, raja Israel keluar untuk mencari seekor hama sahaja, seperti orang memburu ayam hutan di gunung-gunungan.”

²¹ Kata Saul, “Aku telah berdosa. Kembalilah, wahai anakku Daud. Aku tidak akan berbuat jahat lagi terhadap engkau, kerana pada hari ini nyawaku berharga di matamu. Sesungguhnya, aku telah bertindak bodoh, dan aku telah membuat kesilapan besar.”

²² Jawab Daud, “Ini tombak Raja. Suruhlah salah seorang anak muda menyeberang untuk mengambilnya. ²³ Tuhan akan membalas setiap orang menurut perbenaran^r dan kesetiiaannya. Pada hari ini Tuhan telah menyerahkan tuanku ke dalam tangan hamba, tetapi hamba tidak mahu mencederakan orang yang dilantik Tuhan. ²⁴ Sebagaimana nyawa tuanku berharga di mataku pada hari ini, semoga jugalah nyawa hamba di mata Tuhan. Semoganya Dia melepaskan hamba daripada segala kesengsaraan.”

^r**26:23** Istilah ‘perbenaran’ yang berbeza daripada erti perkataan, ‘kebenaran’ menggambarkan tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah dan melakukan apa yang benar di sisi-Nya.

²⁵ Kata Saul kepada Daud, “Semoga engkau diberkati, wahai anakku Daud. Engkau akan melakukan banyak hal dan pasti berjaya.”

Daud pun meneruskan perjalanannya, manakala Saul pulang ke tempatnya.

Daud bersekutu dengan orang Filistin

27 ¹ Terfikirlah Daud dalam hatinya, “Bagaimanapun juga pada suatu hari aku akan binasa di tangan Saul. Oleh itu, tidak ada yang lebih baik bagiku selain berlari dan menyelinap ke negeri orang Filistin; tatkala itu tentunya Saul tiada harapan untuk mencari aku lagi di seluruh daerah Israel dan akan terlepaslah aku daripada tangannya.” ² Bersiap-siaplah Daud, lalu bersama-sama enam ratus orangnya, Daud segera menyeberang ke daerah Akhis anak Maokh, raja Gat. ³ Maka menetaplah Daud berserta anak buahnya serta keluarga masing-masing dengan Akhis di Gat; Daud dengan kedua-dua orang isterinya, yakni Ahinoam, perempuan Yizreel, dan Abigail, bekas isteri Nabal, perempuan Karmel itu. ⁴ Ketika dikhabarkan kepada Saul bahawa Daud telah melarikan diri ke Gat, dia tidak berusaha mencarinya lagi.

⁵ Daud berkata kepada Akhis, “Jika tuanku berkenan pada hamba, berilah hamba tempat di

salah sebuah kota di padang supaya hamba dapat tinggal di sana. Mengapakah hambamu ini harus tinggal bersama-sama tuanku di kota kerajaan?”

⁶ Maka pada hari itu Akhis mengurniakan Ziklag kepadanya. Itulah sebabnya Ziklag menjadi milik raja-raja Yehuda sampai hari ini. ⁷ Selama satu tahun empat bulan tinggallah Daud di daerah orang Filistin itu.

⁸ Maka Daud dan para pahlawannya bergerak maju dan menyerbu orang Gesur, orang Girzi dan orang Amalek; kerana orang itu memang penduduk asal negeri itu yang membentang dari Telam ke arah Syur sampai Tanah Mesir.

⁹ Apabila Daud memusnahkan negeri itu, tiada seorang pun yang dibiarkannya hidup, baik lelaki mahupun perempuan. Dia menjarah domba, lembu, keldai, unta dan pakaian, kemudian pulanglah dia semula kepada Akhis. ¹⁰ Jika Akhis bertanya, “Di manakah kamu menyerbu pada hari ini?” maka jawab Daud, “Di Tanah Negeb orang Yehuda,” atau, “Di Tanah Negeb orang Yerahmeel,” atau, “Di Tanah Negeb orang Keni.” ¹¹ Daud tidak membiarkan seorang pun hidup, baik lelaki mahupun perempuan, untuk dibawa ke Gat, kerana fikirnya, “Jangan-jangan mereka mengkhabarkan tentang kami, dengan berkata: Beginilah dilakukan Daud.” Itulah kebiasaannya, selama dia menetap di daerah

orang Filistin. ¹² Tetapi Akhis mempercayai Daud, kerana fikirnya, “Tentulah dia telah membuat diri dibenci dalam kalangan bangsanya orang Israel. Oleh itu, dia akan menjadi hambaku buat selama-lamanya.”

Raja Saul dengan seorang pengantara wanita di En-Dor

28 ¹ Pada masa itu orang Filistin mengerahkan pasukan mereka untuk berperang melawan Israel. Kata Akhis kepada Daud, “Ketahuilah baik-baik, engkau dan anak buahmu harus mara bersama-samaku dalam angkatan tentera ini.”

² Kata Daud kepada Akhis, “Baik. Tuanku akan mengetahui apa yang mampu dilakukan oleh hambamu ini.”

Kata Akhis kepada Daud, “Baiklah, aku melantik engkau menjadi pengawal peribadi aku seumur hidup.”

³ Adapun Samuel sudah mati dan seluruh Israel meratapinya. Mereka telah menguburkannya di Rama, di kotanya. Pada masa itu juga Saul telah menyingkirkan pemanggil arwah dan ahli sihir dari negeri itu.

⁴ Orang Filistin berkumpul, lalu mereka berkhemah di Sunem. Saul pun mengerahkan semua orang Israel, lalu mereka berkhemah di Gilboa. ⁵ Apabila Saul melihat pasukan Filistin, dia pun berasa takut dan amat gementarlah hatinya. ⁶ Saul menanyakan petunjuk Tuhan, tetapi Tuhan tidak menjawab dia, melalui mimpi ataupun dengan penggunaan Urim, ataupun melalui para nabi. ⁷ Lalu Saul berkata kepada para pegawainya, “Carilah seorang pengantara wanita untukku yang biasa memanggil arwah. Aku hendak pergi kepadanya dan meminta petunjuknya.”

Kata para pegawainya kepadanya, “Ada seorang perempuan yang biasa memanggil arwah di En-Dor.”

⁸ Saul pun menyamar dengan mengenakan pakaian lain lalu pergi dengan disertai oleh dua orang. Pada malam hari sampailah mereka di kediaman wanita itu. Kata Saul, “Tenunglah untukku dengan perantaraan arwah. Hadirkan bagiku orang yang akan kusebut kepadamu.”

⁹ Jawab perempuan itu kepadanya, “Tentunya engkau tahu tentang apa yang dilakukan Saul, bagaimana dia melenyapkan para pemanggil arwah dan para ahli sihir daripada negeri ini.

Mengapakah engkau mahu menjebak nyawaku untuk membunuh aku?”

¹⁰ Maka bersumpahlah Saul kepadanya demi Tuhan, katanya, “Demi Tuhan yang hidup, engkau tidak akan terkena hukuman kerana hal ini.”

¹¹ Tanya perempuan itu, “Siapakah yang harus kuhadirkan untukmu?” Jawabnya, “Hadirkanlah Samuel bagiku.”

¹² Ketika perempuan itu melihat Samuel, dia pun menjerit dengan suara yang nyaring. Perempuan itu berkata kepada Saul, “Mengapakah tuanku memperdaya hamba? Tuanku ialah Saul!”

¹³ Kata raja kepadanya, “Jangan takut. Apakah yang kaulihat?” Kata perempuan itu kepada Saul, “Hamba melihat sesuatu roh^s muncul dari dalam bumi.”

¹⁴ Saul bertanya, “Bagaimanakah rupanya?” Jawabnya, “Ada seorang tua muncul. Dia diselubungi sehelai jubah.” Saul tahu bahawa itulah Samuel. Lalu dia membongkok dan sujud memberi hormat.

¹⁵ Berkatalah Samuel kepada Saul, “Mengapakah engkau mengganggu aku dengan menghadirkan aku?”

Jawab Saul, “Aku sedang dalam keadaan tersepit lantaran orang Filistin memerangi

^s**28:13** Atau: Sesuatu tuhan.

aku, sedangkan Allah telah menjauhi aku dan tidak lagi menjawab aku, sama ada dengan perantaraan para nabi atau melalui mimpi. Oleh sebab itu aku memanggil engkau supaya engkau memberitahukan kepadaku apa yang harus kulakukan.”

¹⁶ Kata Samuel, “Mengapakah pula engkau bertanya kepadaku walhal Tuhan juga telah menjauhi kamu dan telah menjadi musuhmu?

¹⁷ Tuhan telah melakukan apa yang difirmankan-Nya dengan perantaraan aku. Tuhan telah merentap kerajaan itu daripada tanganmu dan mengurniaknya kepada orang lain, iaitu kepada Daud. ¹⁸ Kerana engkau tidak mematuhi Tuhan dan tidak melampiaskan kemurkaan-Nya yang menyala-nyala terhadap Amalek, maka inilah yang dilakukan Tuhan terhadap engkau pada hari ini. ¹⁹ Tuhan akan menyerahkan orang Israel dan juga engkau ke dalam tangan orang Filistin. Esok engkau dan anak-anakmu akan ada bersama-samaku. Tuhan pun akan menyerahkan pasukan orang Israel ke dalam tangan orang Filistin.”

²⁰ Lantas jatuhlah Saul terjerembap ke tanah dalam ketakutan yang amat sangat kerana kata-kata Samuel itu. Tidak ada kekuatan lagi

padanya kerana dia tidak makan apa-apa pun sepanjang siang dan sepanjang malam itu.

²¹ Perempuan itu mendekati Saul dan melihat betapa gentarnya Saul, dia berkata kepadanya, “Sesungguhnya, hambamu ini telah menuruti kata-kata tuanku. Hamba telah mempertaruhkan nyawa hamba dan mendengar kata-kata yang tuanku sampaikan kepada hamba. ²² Sekarang, sudilah tuanku juga mendengar kata-kata hambamu ini. Hamba akan meletakkan sepotong roti di hadapan tuanku. Makanlah, supaya tuanku mendapat kekuatan apabila tuanku perlu meneruskan perjalanan.”

²³ Saul menolak dan berkata, “Aku tidak mahu makan.” Tetapi para pegawainya dan juga perempuan itu mendesaknya sehingga akhirnya didengarnya kata-kata mereka. Dia bangun dari tanah lalu duduk di tempat tidur.

²⁴ Perempuan itu memiliki seekor anak lembu tambun di rumahnya. Disembelihnya segera lembu itu, diambilnya tepung, diramasnya, lalu dibakarnya menjadi roti tidak beragi. ²⁵ Kemudian dihidangkannya roti itu di depan Saul serta para pegawainya, dan mereka pun makan. Pada malam itu juga mereka segera berangkat.

Orang Filistin menolak Daud

29 ¹ Orang Filistin mengumpulkan seluruh bala tentera mereka ke Afek manakala orang Israel berkhemah dekat mata air di Yizreel.

² Ketika para raja kota orang Filistin bergerak maju dalam barisan pasukan ratusan dan pasukan ribuan anggota, Daud dan anggota tenteranya pun berbaris di belakang bersama-sama Akhis.

³ Lalu para panglima orang Filistin berkata, “Apakah urusan kumpulan orang Ibrani ini?”

Jawab Akhis kepada para panglima orang Filistin, “Bukankah ini Daud, hamba Saul, raja Israel, yang sudah bersama-samaku berhari-hari dan bertahun-tahun? Sehingga kini pun, aku dapati tiada apa-apa kesalahan pun padanya sejak dia membelot sampai hari ini.”

⁴ Namun demikian, para panglima orang Filistin itu marah kepadanya. Kata mereka kepadanya, “Suruh orang ini pulang semula ke tempat yang telah kautetapkan baginya. Dia tidak boleh pergi berperang bersama-sama kita supaya dia tidak dapati kesempatan untuk mengkhianati kita dalam peperangan ini. Fikirkanlah, apakah cara terbaik baginya untuk kembali berdamai dengan tuannya? Bukankah dengan mempersembahkan

kepala anggota tentera kita? ⁵ Bukankah dia ini Daud, yang dinyanyikan orang dengan berbalas-balasan sambil menari-nari, demikian, ‘Saul membunuh beribu-ribu, dan Daud berpuluh-puluh ribu?’”

⁶ Maka Akhis memanggil Daud dan berkata kepadanya, “Demi Tuhan yang hidup, engkau memang tulus hati. Aku juga memandang baik pergerakanmu bersama-samaku dalam pasukan dan aku tidak mendapati kesalahan padamu sejak engkau datang kepadaku sampai hari ini. Namun demikian, para raja kota itu tidak berkenan kepadamu. ⁷ Oleh sebab itu pulanglah. Pergilah dengan sejahtera supaya engkau tidak menjadi lebih tidak menyenangkan kepada para raja kota orang Filistin.”

⁸ Kata Daud kepada Akhis, “Tetapi apakah yang telah hamba lakukan? Apakah yang tuanku dapati pada hambamu ini sejak hamba berkhidmat untuk tuanku sampai hari ini sehingga hamba tidak boleh pergi memerangi musuh-musuh baginda tuanku?”

⁹ Jawab Akhis kepada Daud, “Aku tahu, di matakmu engkau ini baik seperti malaikat Allah. Tetapi para panglima orang Filistin berkata, ‘Dia tidak boleh pergi berperang bersama-sama kita.’”

¹⁰ Jadi, bangunlah pagi-pagi bersama dengan hamba-hamba tuanmu yang datang bersamamu itu, lalu berangkatlah sewaktu hari mulai terang.”

¹¹ Maka Daud berserta pasukannya bangun pagi-pagi untuk berjalan pulang ke negeri orang Filistin, manakala orang Filistin maju ke Yizreel.

Para isteri Daud ditawan

30 ¹ Setibanya Daud dan anak buahnya di Ziklag pada hari ketiganya, ternyata orang Amalek telah menyerang Tanah Negeb dan Ziklag. Mereka mengalahkan serta membakar habis Ziklag. ² Mereka juga menawan kaum perempuan dan semua orang yang ada di sana, daripada yang kecil kepada yang besar. Mereka tidak membunuh seorang pun, tetapi mereka menawan semuanya lalu meneruskan perjalanan mereka. ³ Setibanya Daud berserta anak buahnya di kota itu, tampaklah betapa kota itu sudah terbakar manakala para isteri mereka serta anak-anak mereka, baik lelaki mahupun perempuan, telah ditawan. ⁴ Maka amat nyaringlah tangisan Daud serta umat yang menyertainya, sampai mereka tidak kuat lagi untuk menangis. ⁵ Kedua-dua orang isteri Daud,

iaitu Ahinoam orang Yizreel, dan Abigail, balu Nabal, orang Karmel itu, turut ditawan.

⁶ Daud menjadi begitu tertekan apabila rakyat berkata hendak merejamnya dengan batu.

Memang seluruh rakyat itu berasa amat pedih lantaran tertawannya anak masing-masing, baik lelaki mahupun perempuan. Namun begitu, Daud menguatkan hati di dalam Tuhan, Allahnya. ⁷ Kata Daud kepada Imam Abyatar anak Ahimelekh, “Tolong bawakan baju efod ke mari.” Lalu Abyatar membawa baju efod itu kepada Daud. ⁸ Daud pun menanyakan petunjuk Tuhan, katanya, “Haruskah kukejar gerombolan itu? Adakah aku akan berjaya menyusul mereka?”

Firman-Nya kepadanya, “Kejarlah. Engkau pasti dapat menyusul mereka dan merebut semuanya kembali.”

⁹ Maka berangkatlah Daud dengan enam ratus orang yang menyertainya. Lalu sampailah mereka di anak Sungai Besar. Di tempat itulah orang yang tertinggal di belakang berhenti. ¹⁰ Akan tetapi, Daud bersama-sama empat ratus orang lagi itu terus mengejar manakala dua ratus orang yang lain terlalu letih untuk menyeberangi anak Sungai Besar. ¹¹ Di padang itu mereka menemui seorang Mesir, lalu orang itu dibawa kepada Daud.

Mereka memberi dia roti dan dia pun makan. Setelah itu, mereka memberi dia air minum, ¹² dan juga sepotong kuih ara serta dua gugus kismis. Sesudah makan, pulihlah semangatnya, kerana sudah tiga hari tiga malam dia tidak makan dan minum. ¹³ Tanya Daud kepadanya, “Kamu ini hamba siapa dan engkau dari mana?”

Jawabnya, “Hamba ini seorang pemuda Mesir yang menjadi hamba seorang Amalek. Tuan meninggalkan hamba kerana tiga hari yang lalu hamba jatuh sakit. ¹⁴ Kami baru sahaja menyerang Tanah Negeb orang Kreti, daerah yang termasuk wilayah Yehuda, dan Tanah Negeb, wilayah Kaleb. Kami juga membakar habis Ziklag.”

¹⁵ Tanya Daud kepadanya, “Mahukah engkau menghantar aku kepada gerombolan itu?”

Jawabnya, “Bersumpahlah kepada hamba demi Allah bahawa tuan tidak akan membunuh hamba atau menyerahkan hamba ke dalam tangan tuan hamba, maka hamba akan menghantar tuan kepada gerombolan itu.” ¹⁶ Maka dia pun menghantar Daud ke sana, dan tampak orang itu bersebaran di seluruh daerah itu.

Riang ria mereka itu makan, minum, dan mengadakan perayaan hasil besar segala rampasan yang diambil mereka dari tanah orang Filistin dan dari Tanah Yehuda. ¹⁷ Kemudian

keesokan harinya Daud menyerang mereka sejak dinihari sampai waktu maghrib. Tiada seorang pun daripada mereka yang terselamat, kecuali empat ratus orang pemuda yang melarikan diri dengan menunggang unta. ¹⁸ Daud merebut kembali segala sesuatu yang diambil oleh orang Amalek, dan Daud pun membebaskan kedua-dua orang isterinya. ¹⁹ Tidak ada yang kurang pada mereka, daripada yang kecil kepada yang besar, baik anak lelaki mahupun anak perempuan, juga rampasan serta segala sesuatu yang telah diambil oleh orang Amalek itu. Daud membawa kembali semuanya. ²⁰ Daud juga mengambil seluruh kawanan domba dan kawanan lembu, lalu orang menggiring kesemua haiwan itu di depan ternakan yang lain sambil berkata, “Inilah rampasan Daud.”

²¹ Maka tibalah Daud di tempat dua ratus orang yang terlalu letih untuk mengikutinya, iaitu mereka yang ditinggalkan di anak Sungai Besor. Mereka pun datang menyongsong Daud serta rakyat yang menyertainya. Daud mendekati mereka dan bertanya khabar mereka.

²² Akan tetapi, semua orang jahat dan dursila dalam kalangan yang pergi bersama-sama Daud berkata, “Kerana mereka tidak pergi bersama kita, kita tidak akan memberikan kepada mereka sesuatu apa pun daripada rampasan yang kita

rebut kembali. Mereka hanya boleh membawa isteri dan anak masing-masing, lalu pergi.”

²³ Tetapi Daud berkata, “Saudara-saudaraku, jangan berbuat begitu terhadap apa yang dikurniakan Tuhan kepada kita. Dia telah melindungi kita dan menyerahkan ke dalam tangan kita gerombolan yang datang menyerang kita. ²⁴ Siapakah yang akan mendengar kamu dalam hal ini? Sebagaimana bahagian orang yang pergi berperang, demikian pulalah bahagian orang yang tinggal menjaga barang-barang kita. Mereka harus memperoleh bahagian yang sama.” ²⁵ Jadi, sejak hari itu dan seterusnya, Daud menjadikan hal itu ketetapan dan peraturan bagi orang Israel. Hal itu berkuat kuasa sampai hari ini.

²⁶ Setelah Daud sampai di Ziklag, dikirimnya sebahagian daripada hasil jarahan itu kepada para tua-tua Yehuda, iaitu sahabat-sahabatnya, dengan pesan, “Ini pemberian untukmu, hasil jarahan daripada musuh-musuh Tuhan.” ²⁷ Dia turut mengirimkannya kepada mereka yang tinggal di Betel, di Ramot di Tanah Negeb, di Yatir, ²⁸ di Aroer, di Sifmot, di Estemoa, ²⁹ di Rakhal, di kota-kota orang Yerahmeel, di kota-kota orang Keni, ³⁰ di Horma, di Bor-Asan, di Atakh, ³¹ di Hebron, dan di segala tempat pengembaraan Daud berserta anak buahnya.

Kematian Raja Saul

31 ¹ Sementara itu orang Filistin berperang melawan orang Israel di Gunung Gilboa lalu larilah orang Israel dari hadapan orang Filistin dan ramailah yang terkorban. ² Lalu orang Filistin mengejar Saul dan anak-anaknya dan mereka membunuh Yonatan, Abinadab, dan Malkisua, iaitu anak-anak Saul. ³ Peperangan itu semakin sengit menghimpit Saul dan para pemanah mendapatkannya. Lalu Saul mengalami luka parah di tangan para pemanah itu. ⁴ Berkatalah Saul kepada pembawa senjatanya, “Hunuslah pedangmu dan tikamlah aku, supaya jangan datang kalangan yang tidak bersunat ini menikam aku dan mempermainkan aku.” Namun begitu, pembawa senjata yang amat takut itu enggan menurut perintah itu. Maka Saul sendiri mengambil pedang itu dan menjatuhkan dirinya ke atasnya. ⁵ Apabila pembawa senjatanya melihat bahawa Saul sudah mati, dia juga menjatuhkan dirinya ke atas pedangnya, lalu mati bersama-sama Saul. ⁶ Pada hari itu, gugurlah Saul, ketiga-tiga orang anaknya dan pembawa senjatanya, dan seluruh tenteranya. ⁷ Apabila orang Israel yang tinggal di seberang lembah serta di seberang Sungai Yordan melihat betapa pasukan Israel telah lari, dan bagaimana Saul

serta anak-anaknya telah gugur, mereka pun melarikan diri meninggalkan kota-kota mereka. Kemudian datanglah orang Filistin dan tinggal di kota-kota itu.

⁸ Keesokan harinya, ketika orang Filistin datang untuk merampas apa-apa sahaja yang ada pada musuh yang terkorban itu, mereka menemui Saul dan ketiga-tiga orang anaknya yang bergelimpangan di Gunung Gilboa. ⁹ Lalu mereka memenggal kepala Saul, melucutkan baju perangnya dan mengutus beberapa orang berkeliling tanah orang Filistin untuk menguar-uarkan hal itu di rumah-rumah berhala mereka dan juga kepada rakyat. ¹⁰ Mereka menyimpan baju besi Saul di dalam kuil Asytoret serta memakukan mayatnya di tembok kota Bet-Sean.

¹¹ Apabila penduduk Yabesh-Gilead mendengar apa yang telah dilakukan orang Filistin terhadap Saul, ¹² semua orang yang gagah perkasa segera mengadakan perjalanan semalam-malaman. Mereka mengambil mayat Saul dan mayat anak-anaknya dari tembok Bet-Sean. Setelah itu, mereka pulang ke Yabesh dan membakar mayat-mayat itu. ¹³ Lalu mereka mengambil tulang-tulang itu dan menguburkan semuanya di bawah pokok tamariska di Yabesh. Kemudian mereka berpuasa selama tujuh hari.

2 SAMUEL

Daud menerima khabar kematian Saul

1 ¹ Setelah kematian Saul, Daud pulang dari pertempuran yang menumpaskan orang Amalek, lalu tinggal di Ziklag dua hari lamanya. ² Pada hari ketiga, datanglah seorang daripada pasukan Saul. Pakaianya koyak-rabak dan kepalanya berdebu. Sesampainya di hadapan Daud, dia sujud memberi hormat. ³ Daud bertanya kepadanya, “Engkau datang dari mana?”

Jawabnya, “Aku melarikan diri daripada pasukan Israel.”

⁴ Tanya Daud kepadanya, “Apakah yang telah berlaku? Ceritakanlah kepadaku.”

Jawabnya, “Ramai yang melarikan diri dari medan perang bahkan ramai yang gugur dan terkorban. Saul dan Yonatan, anaknya, juga telah gugur.”

⁵ Lalu Daud bertanya kepada orang muda yang menyampaikan khabar itu kepadanya, “Bagaimanakah engkau tahu bahawa Saul dan Yonatan, anaknya, telah gugur?”

⁶ Jawab orang muda itu, “Kebetulan aku berada di Gunung Gilboa, lalu kulihat Saul bersandar pada tombaknya. Kulihat pula rata-rata dan pasukan berkuda mengejarnya. ⁷ Ketika dia menoleh ke belakang, dia melihat hamba lalu memanggil hamba. Hamba menjawab, ‘Daulat, Tuanku.’ ⁸ Dia bertanya kepada hamba, ‘Siapakah engkau?’ Jawab hamba kepadanya, ‘Hamba ini seorang Amalek.’ ⁹ Lalu katanya kepadaku, ‘Tolong, berdirilah di sisiku dan bunuhlah aku, kerana aku sekarat tetapi masih bernyawa.’ ¹⁰ Maka berdirilah hamba di sisinya lalu membunuhnya, kerana hamba tahu bahawa dia tidak akan hidup lagi setelah mengalami kekecundangan itu. Lalu hamba mengambil mahkota yang ada di kepalanya serta gelang yang ada di lengannya dan membawanya ke mari, kepada tuanku.”

¹¹ Kemudian Daud dan semua orang yang ada bersamanya mengoyakkan pakaian masing-masing. ¹² Mereka meratap, menangis, dan berpuasa sampai waktu maghrib kerana Saul, dan Yonatan, anaknya itu, serta kerana umat Tuhan, dan keturunan kaum Israel yang telah gugur bahana mata pedang itu.

¹³ Kemudian Daud bertanya kepada orang muda yang menyampaikan khabar itu kepadanya, “Dari manakah asalmu?” Jawabnya, “Hamba ini anak seorang pendatang, seorang Amalek.”

¹⁴ Kata Daud kepadanya, “Tidakkah engkau takut menghulurkan tangan untuk membinasakan orang yang dilantik Tuhan?”

¹⁵ Lalu Daud memanggil seorang daripada kalangan pemudanya, katanya, “Dekatinya dan seranglah dia!” Maka orang itu menyerang dan membunuh pemuda itu. ¹⁶ Lalu berkatalah Daud kepada pemuda itu, “Darahmu bertanggung atas dirimu sendiri, kerana mulutmu sendiri bersaksi tentang dirimu dengan berkata, ‘Hamba telah membunuh orang yang dilantik Tuhan.’ ”

Ratapan Daud kerana Saul dan Yonatan

¹⁷ Daud meratapi Saul dan Yonatan, anaknya, dengan lagu ratapan ini. ¹⁸ Dia menyuruh agar lagu Busur Panah ini diajarkan kepada bani Yehuda. (Sesungguhnya, lagu ini tertulis dalam kitab Yasar):^t

¹⁹ Kemuliaanmu, wahai Israel, terbunuh di
tempat-tempatmu yang tinggi!
Betapa telah gugur para kesateria!

^t**1:18** Yasar dalam Bahasa Ibrani bermakna lurus.

²⁰ Jangan khabarkan hal itu di Gat,
jangan beritakan hal itu di lorong-lorong
Askelon,
supaya jangan para anak perempuan orang
Filistin bersukacita,
supaya jangan anak-anak perempuan orang
yang tidak bersunat itu bersuka ria.

²¹ Wahai gunung-gunung Gilboa,
janganlah ada embun, janganlah ada hujan di
atasmu,
janganlah ladang-ladangmu mengeluarkan
hasil,
kerana di sanalah terhumbannya perisai para
kesateria,
perisai Saul yang tidak lagi diurapi minyak.

²² Daripada darah kalangan umat yang
terbunuh,
daripada lemak para kesateria,
busur panah Yonatan tidak pernah berbalik
dan pedang Saul tidak pernah kembali dengan
hampa.

²³ Saul dan Yonatan ialah orang yang dicintai
dan yang menyenangkan,
yang tidak terpisah dalam hidup dan mati
mereka.

Mereka lebih cepat daripada burung rajawali,
mereka lebih kuat daripada singa.

²⁴ Wahai kaum wanita Israel,

ratapilah Saul,
yang mendandani kamu dalam kemewahan
kain merah menyala,
yang menyematkan segala perhiasan emas
pada busanamu.

²⁵ Betapa telah gugur para kesateria
dalam medan pertempuran!
Yonatan terbunuh di kawasan bukit yang
tinggi-tinggi.

²⁶ Hatiku sengsara kerana engkau,
Yonatan, saudaraku.
Terlalu ramah engkau kepadaku,
ajaib kasihmu kepadaku,
lebih daripada cinta kaum wanita.

²⁷ Betapa telah gugur para pahlawan
dan musnah sudah segala senjata peperangan!

Daud menjadi raja Yehuda

2 ¹ Setelah itu, Daud meminta petunjuk
daripada Tuhan, katanya, “Adakah aku harus
pergi ke mana-mana satu kota Yehuda?”

Firman Tuhan kepadanya, “Pergilah.”

Lalu tanya Daud, “Ke manakah harus aku
pergi?”

Firman-Nya, “Ke Hebron.” ² Maka pergilah Daud
ke sana dengan kedua-dua orang isterinya, iaitu

Ahinoam, orang Yizreel, dan Abigail, balu Nabal, orang Karmel. ³ Daud juga membawa orang yang menyertainya, masing-masing dengan keluarganya. Lalu mereka tinggal di kota-kota Hebron. ⁴ Kemudian datanglah orang Yehuda, dan mereka melantik Daud di sana sebagai raja atas keturunan kaum Yehuda.

Apabila Daud diberitahu demikian, “Orang Yabesh-Gilead yang memakamkan Saul,”

⁵ Daud pun mengutus beberapa orang kepada orang Yabesh-Gilead dengan pesan, “Semoga Tuhan memberkati kamu kerana kamu telah menunjukkan kasihmu yang sedemikian kepada Saul, tuanmu, iaitu dengan memakamkannya.

⁶ Sekarang, semoga Tuhan menunjukkan kasih abadi dan kesetiaan-Nya kepada kamu. Aku pun hendak membalas kebaikanmu, kerana kamu telah melakukan hal yang demikian itu.

⁷ Maka sekarang, kuatkanlah dirimu dan jadilah orang yang gagah perkasa kerana Saul, tuanmu, telah gugur, dan keturunan kaum Yehuda telah melantik aku sebagai raja atas mereka.”

Pertempuran di Gibeon

⁸ Sementara itu Abner anak Ner, panglima tentera Saul, telah mengambil Isyboset anak

Saul dan membawanya ke Mahanaim, ⁹ lalu menobatkan Isyboset untuk menjadi raja atas Gilead, atas orang Asyuri, atas Yizreel, atas Efraim, atas Benyamin, dan atas seluruh Israel. ¹⁰ Isyboset anak Saul berumur empat puluh tahun pada waktu dia merajai Israel, dan dia bertakhta selama dua tahun.

Namun begitu, keturunan kaum Yehuda tetap mengikuti Daud. ¹¹ Selama tujuh tahun enam bulan Daud merajai keturunan kaum Yehuda di Hebron.

¹² Kemudian Abner anak Ner dan anak-anak buah Isyboset anak Saul mara dari Mahanaim ke Gibeon. ¹³ Yoab anak Zeruya serta para anak buah Daud juga mara, lalu mereka bertemu berdekatan dengan Telaga Gibeon. Satu pihak tinggal di sisi telaga sebelah sini, manakala satu pihak di sisi telaga sebelah sana. ¹⁴ Kata Abner kepada Yoab, “Suruhlah anak-anak muda tampil dan bertanding di hadapan kita.”

Jawab Yoab, “Ya, suruhlah mereka tampil ke hadapan.”

¹⁵ Kemudian bersiaplah mereka dan maju menurut jumlahnya, iaitu dua belas orang daripada suku Benyamin dan daripada Isyboset anak Saul, serta dua belas orang daripada anak buah Daud. ¹⁶ Lalu masing-masing menangkap kepala lawannya dan menikamkan pedangnya

ke rusuk lawannya, sehingga mereka roboh bersama-sama. Oleh sebab itu tempat itu disebut Helkat-Hazurim, letaknya di Gibeon.

¹⁷ Maka berlakulah peperangan yang amat sengit pada hari itu. Abner dan orang Israel tertewas oleh anak buah Daud. ¹⁸ Pada waktu itu ketiga-tiga orang anak Zeruya iaitu Yoab, Abisai, dan Asael ada di sana. Asael, yang larinya cepat bagaikan seekor kijang liar, ¹⁹ mengejar Abner. Dia tidak menyimpang ke kanan ataupun ke kiri ketika dia mengejar Abner. ²⁰ Lalu Abner menoleh ke belakang dan bertanya, “Engkaukah orang itu, Asael?”

Jawabnya, “Ya.”

²¹ Kata Abner kepadanya, “Menyimpanglah ke kanan atau ke kiri. Tangkaplah salah seorang anak muda itu, lalu ambillah perlengkapannya bagimu.” Tetapi Asael tidak mahu menyimpang dan terus mengejarnya. ²² Maka Abner berkata sekali lagi kepada Asael, “Menyimpanglah, jangan mengekori aku. Haruskah aku menghentam engkau jatuh ke tanah? Bagaimanakah aku dapat memandang muka Yoab, abangmu?” ²³ Tetapi dia tidak juga mahu menyimpang. Oleh sebab itu Abner menikamkan hujung tombaknya ke perut Asael, sehingga tombak itu tembus ke belakangnya. Lalu robohlah dia di sana dan tewas di tempat itu juga. Maka semua orang

yang sampai di tempat Asael roboh dan tewas itu berhenti di sana.

²⁴ Akan tetapi, Yoab dan Abisai mengejar Abner. Ketika matahari terbenam, sampailah mereka di Bukit Ama, yang berhadapan dengan Giah, di jalan menuju Gurun Gibeon. ²⁵ Kemudian berkumpullah bani Benyamin di belakang Abner menjadi satu pasukan, lalu mereka berdiri di puncak sebuah bukit. ²⁶ Abner berseru kepada Yoab, katanya, “Haruskah pedang tidak henti-henti makan? Tidakkah engkau tahu bahawa hal itu akan berakhir dengan kepahitan? Berapa lama lagi engkau enggan menyuruh pasukan itu berhenti mengejar saudara-saudara mereka?”

²⁷ Jawab Yoab, “Demi Allah yang hidup, jika engkau tidak angkat bicara, tentu pasukan itu akan terus mengejar saudara-saudaranya hingga pagi.” ²⁸ Maka Yoab meniup sangkakala dan seluruh pasukan pun berhenti. Mereka tidak lagi mengejar orang Israel dan tidak lagi berperang.

²⁹ Kemudian Abner dan orangnya berjalan sepanjang malam melalui Araba lalu menyeberangi Sungai Yordan lantas berjalan sepanjang siang sehingga tiba di Mahanaim.

³⁰ Yoab pun berhenti mengejar Abner. Ketika dia mengumpulkan serta menghitung seluruh pasukan, ternyata anak buah Daud berkurang

sembilan belas orang di samping Asael. ³¹ Tetapi anak buah Daud mengalahkan orang Benyamin, yaitu orang Abner, hingga tewas tiga ratus enam puluh orang. ³² Lalu mereka mengangkat jenazah Asael dan mengebumikannya di kubur ayahnya di Betlehem. Yoab dan orangnya berjalan semalam-malaman lalu sampai di Hebron ketika fajar menyingsing.

3 ¹ Peperangan antara keluarga Saul dengan keluarga Daud berlanjutan lamanya. Daud semakin lama semakin kuat, manakala keluarga Saul semakin lama semakin lemah.

Anak lelaki Daud

² Anak-anak lelaki dilahirkan bagi Daud di Hebron. Yang sulung ialah Amnon yang dilahirkan oleh Ahinoam orang Yizreel itu. ³ Anak yang kedua ialah Kileab daripada Abigail, balu Nabal, orang Karmel. Anak yang ketiga ialah Absalom, anak Maakha anak Talmai, raja Gesur. ⁴ Anak yang keempat ialah Adonia, anak Hagit. Anak yang kelima ialah Sefaca, anak Abital. ⁵ Anak yang keenam ialah Yitream, daripada Eglá, isteri Daud. Mereka itu anak-anak lelaki dilahir bagi Daud di Hebron.

Abner memihak Daud

⁶ Sewaktu berlangsung peperangan antara keluarga Saul dengan keluarga Daud, Abner menguatkan kedudukannya dalam keluarga Saul.

⁷ Saul memiliki seorang gundik bernama Rizpa anak Aya. Kata Isyboset kepada Abner, “Mengapakah engkau menghampiri gundik ayahku?” ⁸ Maka sangat marahlah Abner kerana kata-kata Isyboset itu. Katanya, “Adakah aku

ini kepala anjing dari Yehuda? Sampai kini aku telah menunjukkan kesetiaan kepada keluarga Saul, ayahmu, kepada saudara-saudaranya, dan kepada sahabat-sahabatnya. Aku tidak menyerahkan engkau ke dalam tangan Daud.

Namun demikian, pada hari ini engkau menuduh aku bersalah dengan seorang perempuan!

⁹ Biarlah Allah menjatuhkan azab kepada Abner, bahkan lebih lagi, jika aku tidak melakukan terhadap Daud seperti yang dijanjikan Tuhan kepadanya dengan bersumpah, ¹⁰ iaitu mengalihkan kerajaan daripada keluarga Saul dan mendirikan takhta Daud atas orang Israel dan atas orang Yehuda, dari Dan sampai Bersyeba.”

¹¹ Isyboset tidak dapat menjawab Abner lagi

dengan sepatah kata pun, kerana dia takut kepadanya.

¹² Abner pun mengirim beberapa orang utusan kepada Daud sebagai wakilnya, dengan pesan, “Siapakah gerangan pemilik negeri ini?” Dia berkata pula, “Ikatlah perjanjian dengan hamba. Sesungguhnya, hamba akan menyokong tuanku untuk membawa semua orang Israel kepada tuanku.”

¹³ Jawab Daud, “Baik, aku akan mengikat perjanjian dengan engkau. Hanya satu hal yang kuminta daripada kamu: engkau tidak boleh menghadap aku kecuali jika engkau membawa Mikhal anak Saul terlebih dahulu ketika engkau hendak datang menghadap aku.” ¹⁴ Kemudian Daud mengirim beberapa orang utusan kepada Isyboset anak Saul dengan pesan, “Serahkanlah isteriku, Mikhal, yang telah dipertunangkan kepadaku dengan seratus keping kulit kulup orang Filistin.” ¹⁵ Lalu Isyboset menyuruh agar perempuan itu diambil daripada suaminya, iaitu daripada Paltiel anak Lais. ¹⁶ Suaminya berjalan menyertai dia sambil menangis. Diikutinya isterinya sampai ke Bahurim, lalu kata Abner kepadanya, “Pulanglah engkau!” Maka pulanglah ia.

¹⁷ Kemudian berbicaralah Abner dengan para tua-tua Israel, katanya, “Sudah lama kamu menghendaki Daud menjadi raja atas kamu. ¹⁸ Sekarang laksanakanlah, kerana mengenai Daud Tuhan telah berfirman demikian, ‘Dengan perantaraan Daud, hamba-Ku, Aku akan menyelamatkan Israel, umat-Ku, daripada tangan orang Filistin dan daripada tangan semua musuhnya.” ¹⁹ Abner juga berbicara kepada orang Benyamin. Setelah itu, Abner pergi ke Hebron untuk menyampaikan kepada Daud segala hal yang dipandang baik oleh orang Israel dan oleh seluruh bani Benyamin.

²⁰ Ketika Abner bersama dua puluh orang yang menyertainya sampai di Hebron untuk menghadap Daud, Daud mengadakan suatu jamuan bagi Abner dan orang yang menyertainya itu. ²¹ Lalu Abner berkata kepada Daud, “Aku akan bersiap pergi dan mengumpulkan kesemua orang Israel bagi Tuanku Raja supaya mereka mengikat perjanjian dengan tuanku dan supaya tuanku dapat bertakhta atas semua yang dihasratkan hati tuanku.” Maka Daud menyuruh Abner pergi, dan Abner berangkat dengan selamat.

Abner dibunuh Yoab

²² Tidak beberapa lama selepas itu, datanglah anak buah Daud bersama-sama Yoab setelah

selesai menjalankan penyerbuan. Mereka membawa banyak jarahan. Abner sudah tidak lagi bersama Daud di Hebron kerana Daud telah menyuruh dia pergi dan dia berangkat dengan selamat.²³ Setelah Yoab dan seluruh tentera yang menyertainya tiba, kepada Yoab dikhabarkan demikian, “Tadi Abner anak Ner datang menghadap raja, dan baginda telah melepaskan dia pergi dan dia berangkat dengan selamat.”²⁴ Maka datanglah Yoab menghadap raja dan berkata, “Apakah yang tuanku lakukan? Lihat, Abner datang menghadap tuanku. Mengapakah tuanku melepaskannya pergi?²⁵ Tuanku mengenal Abner anak Ner. Dia datang untuk memperdaya tuanku, untuk mengetahui gerak-geri tuanku, dan untuk mengetahui segala perbuatan tuanku.”

²⁶ Sesudah itu, keluarlah Yoab meninggalkan Daud dan menyuruh orang untuk menyusul Abner, lalu mereka membawanya pulang dari perigi Sira tanpa diketahui Daud.²⁷ Sekembalinya Abner ke Hebron, Yoab membawanya sebentar ke samping di tengah-tengah pintu gerbang itu, seakan-akan hendak berbicara secara empat mata dengannya. Lalu ditikamnyalah perut Abner sampai mati demi membalas hutang darah Asael, adiknya.²⁸ Apabila Daud mendengar hal itu, dia berkata, “Di hadapan

Tuhan, untuk selamanya aku dan kerajaanku tidak bersalah terhadap darah Abner anak Ner. ²⁹ Biarlah bertanggung dosa itu atas diri Yoab dan atas seluruh kaumnya. Biarlah dalam keluarga Yoab tidak putus-putusnya ada orang yang mengeluarkan lelehan, yang kusta, yang terpaksa bertongkat, yang tumpas akibat pedang, atau yang kekurangan makanan.” ³⁰ Demikianlah Yoab dan Abisai, adiknya, membunuh Abner kerana dia telah membunuh Asael, adik mereka, dalam peperangan di Gibeon.

³¹ Kemudian berkatalah Daud kepada Yoab dan kepada seluruh rakyat yang menyertainya, “Koyakkanlah pakaianmu, lilitkanlah kain kabung, dan merataplah di depan jenazah Abner.” Raja Daud sendiri pun turut mengiringi kerandanya. ³² Ketika Abner dikebumikan di Hebron, menangislah raja dengan suara nyaring di kubur Abner, demikian pula seluruh rakyat.

³³ Raja meratap kerana Abner dan berkata, “Haruskah Abner mati seperti kematian seorang yang bodoh?

³⁴ Tanganmu tidak terikat dan kakimu pun tidak terbelenggu.

Seperti orang yang tumpas di depan orang jahat,

demikian jualah ketumpasan kamu.”

Maka seluruh rakyat menangisnya lagi.

³⁵ Seluruh rakyat datang dan memohon semoga Daud makan roti sementara hari masih siang. Tetapi Daud bersumpah, katanya, “Biarlah Allah menjatuhkan azab kepadaku, bahkan lebih lagi, jika aku mengecap roti atau apa-apa pun sebelum matahari terbenam.” ³⁶ Seluruh rakyat memperhatikan hal itu dan hal itu dipandang baik mereka, sebagaimana segala sesuatu yang dilakukan raja dipandang baik oleh seluruh rakyat. ³⁷ Pada hari itu tahulah seluruh rakyat dan seluruh orang Israel bahawa pembunuhan Abner anak Ner tidak berpunca daripada raja. ³⁸ Kemudian berkatalah raja kepada para pegawainya, “Tidakkah kamu tahu bahawa pada hari ini gugur seorang pemimpin, seorang besar di Israel? ³⁹ Tetapi aku ini sekarang masih lemah, sekalipun sudah dinobatkan menjadi raja, manakala kalangan itu, yakni anak-anak Zeruya, jauh lebih kuat daripada aku. Semoga Tuhan membalas kepada orang yang berbuat jahat setimpal dengan kejahatannya.”

Isyboset dibunuh

4 ¹ Apabila berita ketumpasan Abner di Hebron didengar oleh Isyboset anak Saul, maka patahlah semangatnya dan resahlah semua orang Israel. ² Isyboset anak Saul ada dua orang ketua pasukan, yang pertama bernama Baana

dan yang kedua bernama Rekhab. Mereka anak Rimon, orang Beerot daripada bani Benyamin – kerana Beerot juga dikira sebagai daerah Benyamin. ³ Dahulunya orang Beerot melarikan diri ke Gitaim lalu menjadi pendatang di sana sampai hari ini.

⁴ Yonatan anak Saul mempunyai seorang anak lelaki yang cacat kedua-dua belah kakinya. Ketika dia berumur lima tahun khabar tentang Saul dan Yonatan sampai dari Yizreel. Pengasuh anak itu terus mengambilnya lalu melarikan diri, dan dalam keadaan terburu-buru itu, anak itu terjatuh lalu menjadi tempang. Nama anak itu ialah Mefiboset.

⁵ Anak-anak Rimon, orang Beerot itu, yakni Rekhab dan Baana, berangkat ke rumah Isyboset dan tiba di situ pada hari yang panas terik. Ketika itu Isyboset sedang berehat tengah hari. ⁶ Mereka masuk ke bahagian tengah rumah, seolah-olah hendak mengambil gandum, lalu menikam dia di perutnya. Setelah itu, Rekhab dan Baana, saudaranya, melarikan diri. ⁷ Ketika mereka masuk ke dalam rumah itu, Isyboset sedang berbaring di atas katil dalam bilik tidurnya. Mereka menikam lantas membunuhnya, dan memenggal kepalanya.

Lalu mereka membawa kepalanya itu dan berjalan semalam-malaman melalui jalan Araba. ⁸ Kemudian mereka membawa kepala Isyboset kepada Daud di Hebron dan berkata kepada raja, “Inilah kepala Isyboset anak Saul, musuh tuanku, yang mengancam nyawa tuanku. Pada hari ini Tuhan telah membalas perbuatan yang dilakukan Saul dan keturunannya terhadap tuanku.”

⁹ Akan tetapi, jawab Daud kepada Rekhab dan Baana, saudaranya, anak-anak Rimon orang Beerot itu, “Demi Tuhan yang hidup, yang telah menebus nyawaku daripada segala kesesakan! ¹⁰ Ketika orang mengkhabarkan kepadaku demikian, ‘Sesungguhnya, Saul sudah mati,’ dan menyangka bahawa dia membawa khabar baik, maka kutangkap dia dan kubunuh di Ziklag. Itulah upah yang kuberikan kepadanya untuk khabarnya itu. ¹¹ Lebih-lebih beratnya lagi hukuman itu apabila orang fasiq membunuh seorang yang tidak bersalah di rumahnya sendiri, di tempat tidurnya. Sekarang tidak mungkin aku tidak menuntut darahnya daripada tanganmu dan melenyapkan kamu daripada muka bumi!” ¹² Kemudian Daud memberikan perintah kepada orang mudanya, dan mereka pun membunuh kedua-duanya. Mereka memotong tangan dan

kaki kedua-duanya serta menggantung mereka berdekatan dengan kolam di Hebron. Lalu kepala Isyboset diambil dan dimakamkan di dalam makam Abner di Hebron.

Daud menjadi Raja Israel

5¹ Kemudian datanglah semua suku Israel menghadap Daud di Hebron dan berkata, “Sesungguhnya, kami ini darah dagingmu.”² Pada masa dahulu, ketika Saul menjadi raja atas kami, tuankulah yang memimpin pergerakan orang Israel. Tuhan pun telah berfirman kepada tuanku, ‘Engkaulah yang akan menggembala umat-Ku, Israel, dan engkaulah yang akan menjadi pemimpin atas orang Israel.’ ”³ Demikianlah semua tua-tua Israel datang menghadap raja di Hebron. Lalu Raja Daud mengikat perjanjian dengan mereka di Hebron, di hadapan Tuhan, dan mereka melantik Daud menjadi raja atas Israel.⁴ Daud berumur tiga puluh tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama empat puluh tahun.⁵ Selama tujuh tahun enam bulan dia bertakhta atas Yehuda di Hebron, dan di Yerusalem dia bertakhta selama tiga puluh tiga tahun atas seluruh Israel dan Yehuda.

Raja Daud menetap di Yerusalem

⁶ Kemudian raja dan orangnya pergi ke Yerusalem mendatangi orang Yebus, penduduk negeri itu. Orang Yebus berkata kepada Daud, “Engkau tidak mungkin masuk ke sini. Bahkan orang buta dan orang tempang dapat mengusirmu.” Fikir mereka, “Daud tidak dapat masuk ke sini.” ⁷ Akan tetapi, Daud merebut kubu pertahanan Sion, iaitu Kota Daud.

⁸ Pada hari itu berkatalah Daud, “Sesiapa hendak menewaskan orang Yebus biarlah dia naik melalui saluran air untuk menyerang orang tempang dan orang buta yang membenci Daud itu.” Itulah sebabnya orang berkata, “Orang buta dan orang tempang tidak boleh masuk ke dalam istana.”

⁹ Kemudian Daud tinggal di kubu pertahanan itu dan menamakannya Kota Daud. Kota itu dibinanya di sekeliling kubu itu, bermula dari Milo ke arah dalam. ¹⁰ Maka kebesaran Daud semakin bertambah, kerana Tuhan, Allah alam semesta, menyertainya.

Istana dan keluarga Raja Daud

¹¹ Hiram, raja Tirus, mengirim beberapa orang utusan kepada Daud dengan membawa kayu araz, para tukang kayu, dan para tukang batu. Mereka membina sebuah istana untuk Daud.

¹² Maka sedarlah Daud bahawa Tuhan telah mengukuhkan dia sebagai raja atas Israel dan telah mengangkat martabat kerajaannya demi Israel, umat-Nya.

¹³ Daud mengambil lagi beberapa orang gundik dan isteri dari Yerusalem, setelah dia datang dari Hebron. Bagi Daud masih lahir lagi anak lelaki dan perempuan. ¹⁴ Inilah nama anak-anak yang dilahirkan baginya di Yerusalem: Syamua, Sobab, Natan, Salomo, ¹⁵ Yibhar, Elisua, Nefeg, Yafia, ¹⁶ Elisama, Elyada, dan Elifelet.

Raja Daud menumpaskan orang Filistin

¹⁷ Ketika orang Filistin mendengar bahawa Daud telah dilantik menjadi raja atas Israel, maka pergilah semua orang Filistin untuk mencari Daud. Akan tetapi, Daud mendapat tahu tentang hal itu, lalu dia pergi ke kubu pertahanan. ¹⁸ Maka datanglah dan tersebarlah orang Filistin di Lembah Refaim. ¹⁹ Lalu Daud meminta petunjuk daripada Tuhan, katanya, "Dapatkah aku maju menyerang orang Filistin?"

Akankah Engkau menyerahkan mereka ke dalam tanganku?”

Jawab Tuhan kepada Daud, “Maralah, Aku pasti akan menyerahkan orang Filistin ke dalam tanganmu.”

²⁰ Sesampainya Daud di Baal-Perasim, dia mengalahkan mereka di sana. Katanya, “Tuhan telah menerobos musuh di depanku sebagaimana air menerobos.” Itulah sebabnya tempat itu dinamakannya Baal-Perasim. ²¹ Orang Filistin meninggalkan berhala-berhala mereka di sana, lalu Daud dan orangnya mengangkut semua itu.

²² Kemudian sekali lagi orang Filistin mara dan tersebar di Lembah Refaim. ²³ Daud pun meminta petunjuk daripada Tuhan, dan Dia menjawab, “Jangan maju, tetapi buatlah lingkaran mengelilingi mereka dari belakang, dan seranglah mereka dari arah yang berhadapan dengan pokok-pokok kertau itu. ²⁴ Ketika engkau mendengar bunyi derap langkah di atas pokok-pokok kertau itu, bertindaklah cepat, kerana saat itu Tuhan telah maju mendahului engkau untuk mengalahkan pasukan orang Filistin itu.” ²⁵ Daud pun melakukan seperti yang diperintahkan Tuhan kepadanya. Maka dia mengalahkan orang Filistin dari Geba ke jalan masuk menuju Gezer.

Daud membawa tabut ke Yerusalem

6¹ Sekali lagi Daud menghimpunkan semua orang pilihan dari Israel, jumlahnya seramai tiga puluh ribu orang. ² Kemudian Daud dan seluruh rakyat bersiap-siap lalu berjalan dari Baale-Yehuda, untuk mengangkut dari sana tabut Allah, yang disebut dengan nama Tuhan alam semesta yang bertakhta di atas kerubin. ³ Mereka menaikkan tabut Allah itu ke atas sebuah pedati baru dan mengangkutnya dari rumah Abinadab, yang terletak di bukit. Uza dan Ahio, anak-anak Abinadab, mengendalikan pedati baru itu ⁴ bersama-sama tabut Allah yang diangkut mereka dari rumah Abinadab di bukit. Ahio berjalan di depan tabut itu, ⁵ sementara Daud dan seluruh keturunan kaum Israel menari-nari di hadapan Tuhan dengan diiringi nyanyian serta alat muzik kecapi, gambus, rebana, kerincing dan ceracap.

⁶ Ketika mereka sampai di tempat pembantingan bijirin Nakhon, Uza menghulurkan tangannya untuk memegang tabut Allah, kerana lembu-lembu pedati itu tergelincir. ⁷ Lalu menyalalah murka Tuhan terhadap Uza. Allah

mengajar^u dia di sana kerana kesalahannya itu, dan matilah dia di sana, berdekatan dengan tabut Allah. ⁸ Daud berasa kesal kerana Tuhan telah menyambar Uza. Itulah sebabnya tempat itu disebut Peres-Uza sampai hari ini.

⁹ Namun begitu, pada hari itu Daud menjadi takut kepada Tuhan, katanya, “Bagaimanakah mungkin tabut Tuhan itu dapat sampai kepadaku?” ¹⁰ Oleh sebab itu Daud tidak mahu memindahkan tabut Tuhan ke tempatnya, di Kota Daud, tetapi Daud menyinggahkannya di rumah Obed-Edom, orang Gat. ¹¹ Tiga bulan lamanya tabut Tuhan tinggal di rumah Obed-Edom, orang Gat itu, dan Tuhan memberkati Obed-Edom serta seluruh keluarganya.

¹² Kemudian kepada Raja Daud dikhabarkan demikian, “Tuhan memberkati keluarga Obed-Edom dan semua miliknya kerana tabut Allah itu.” Maka pergilah Daud mengangkat tabut Allah itu dari rumah Obed-Edom ke Kota Daud dengan penuh sukacita. ¹³ Apabila para pengangkat tabut Tuhan itu melangkah maju enam langkah, dia mengorbankan seekor lembu dan seekor anak lembu yang tambun. ¹⁴ Sebagai ungkapan syukur

^u**6:7** Mengajar: Memukul demi menghukum atau membinasakan.

6:11: 1Taw 26:4,5.

kepada Tuhan, Daud menari-nari dengan penuh semangat. Dia memakai jubah efod daripada kain linen. ¹⁵ Demikianlah Daud dan seluruh keturunan kaum Israel mengangkut tabut Tuhan dengan sorak-sorai diiringi bunyi sangkakala.

¹⁶ Ketika tabut Tuhan memasuki Kota Daud, Mikhal anak Saul melihat melalui jendela lalu terlihat betapa Raja Daud sedang melompat-lompat serta menari-nari di hadapan Tuhan. Lalu dalam hatinya dia memandang rendah terhadap Daud. ¹⁷ Tabut Tuhan itu dibawa masuk, lalu diletakkan di tempatnya, di dalam khemah yang dibentangkan Daud untuk itu, kemudian Daud mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian di hadapan Tuhan.

¹⁸ Setelah Daud selesai mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian, dia memohonkan berkat bagi bangsa itu dengan nama Tuhan alam semesta. ¹⁹ Kemudian dia membahagi-bahagikan makanan kepada seluruh umat itu, iaitu kepada seluruh khalayak Israel itu, baik lelaki mahupun perempuan, masing-masing sebuku roti, sepotong daging, dan sekeping kuih kismis. Lalu pulanglah seluruh umat itu ke rumah masing-masing.

²⁰ Ketika Daud pulang untuk memberkati keluarganya, keluarlah Mikhal anak Saul menemui Daud dan berkata, “Alangkah mulianya raja Israel hari ini! Dia bertelanjang diri di hadapan mata budak-budak perempuan para pegawainya pada hari ini, seperti seorang tidak bertamadun yang bertelanjang diri tanpa rasa malu.”

²¹ Kata Daud kepada Mikhal, “Sebagai tanda syukur aku menari-nari bagi Tuhan yang telah memilih aku dan bukan memilih ayahmu atau sesiapa daripada seluruh keluarganya untuk menjadi pemimpin umat Tuhan, Israel. Dengan itu, aku akan terus menari-nari bagi Tuhan. ²² Aku bahkan rela menghinakan diriku lebih lagi daripada itu, dan direndahkan di hadapan mataku sendiri. Tentang budak-budak perempuan yang kaukatakan itu, justeru daripada merekalah aku akan diberi hormat.”

²³ Mikhal anak Saul tidak mempunyai anak sampai hari kematiannya.

Perjanjian Allah dengan Daud

7 ¹ Setelah raja menetap di dalam istananya dan Tuhan mengurniakan ketenteraman kepadanya daripada semua musuh di sekelilingnya, ² berkatalah raja kepada nabi Natan, “Lihatlah, aku ini tinggal dalam rumah

kayu araz walhal tabut Allah tinggal di dalam khemah.”

³ Jawab Natan kepada raja, “Lakukanlah segala sesuatu yang tuanku niatkan, kerana Tuhan menyertai tuanku.” ⁴ Akan tetapi, pada malam itu juga datanglah firman Tuhan kepada Natan demikian, ⁵ “Pergilah dan katakanlah kepada hamba-Ku Daud, ‘Beginilah firman Tuhan, “Akankah engkau membina bagi-Ku rumah untuk didiami? ⁶ Sebabnya sejak Aku memimpin orang Israel keluar dari Mesir sampai hari ini, Aku tidak pernah tinggal di dalam rumah apa-apa pun, melainkan Aku selalu hadir menyertaimu dalam sebuah khemah sebagai tempat kediaman. ⁷ Ke mana-mana jua sahaja Aku mengembara bersama dengan seluruh orang Israel, pernahkah Kukatakan kepada mana-mana hakim yang Kuperintahkan menggembala umat-Ku Israel, ‘Mengapakah kamu tidak membina bagi-Ku sebuah bait daripada kayu araz?’ ”

⁸ Maka sekarang, beginilah yang harus kaukatakan kepada hamba-Ku Daud, “Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Aku telah mengambil engkau dari padang ragut, daripada tugas menggiring kawanan domba, untuk menjadi pemimpin atas umat-Ku, iaitu atas Israel. ⁹ Aku telah menyertai engkau ke mana-mana pun engkau pergi dan telah melenyapkan

semua musuhmu daripada hadapanmu. Aku akan membuat namamu besar, seperti nama orang besar yang ada di bumi. ¹⁰ Aku akan menentukan suatu tempat bagi umat-Ku Israel dan menempatkan mereka di sana, sehingga mereka mendiami tempat sendiri tanpa diganggu lagi. Mereka tidak akan tertindas lagi oleh orang zalim seperti sebelumnya, ¹¹ iaitu sejak masa Aku melantik para hakim untuk memimpin umat-Ku Israel. Aku akan memberikan ketenteraman kepadamu daripada semua musuhmu. Selain itu, Tuhan pun menyatakan kepadamu bahawa Tuhan akan mengukuhkan sebuah keluarga bagimu. ¹² Apabila sampai akhir hayatmu, dan engkau dibaringkan bersama nenek moyangmu, Aku akan membangkitkan keturunanmu kelak, anak kandungmu sendiri, dan Aku akan mengukuhkan kerajaannya. ¹³ Dialah yang akan membina sebuah bait bagi nama-Ku dan Aku akan mengukuhkan takhta kerajaannya untuk selama-lamanya. ¹⁴ Aku akan menjadi Bapanya dan dia akan menjadi anak-Ku. Jika dia melakukan kesalahan, Aku akan mengajar dia dengan rotan yang digunakan orang dan dengan pukulan yang diberikan anak-anak manusia. ¹⁵ Namun

7:12: Mzm 89:3,4; 132:11; Yoh 7:42; Kis 2:30.

7:14: Mzm 89:26,27; 2Kor 6:18; Ibr 1:5.

demikian, kasih abadi-Ku tidak akan dijauhkan daripadanya, seperti Kujauhkan daripada Saul, yang telah Kusingkirkan di hadapanmu. ¹⁶ Keluargamu dan kerajaanmu akan kekal selama-lamanya di hadapan-Ku. Takhtamu akan kukuh selama-lamanya.' ”

¹⁷ Selaras dengan semua firman dan selaras dengan semua penglihatan ini, demikianlah yang disampaikan Natan kepada Daud.

Doa syukur Raja Daud

¹⁸ Kemudian masuklah Raja Daud lantas bersimpuh di hadapan Tuhan dan berkata, “Ya Tuhan Allah, siapakah kononnya aku ini dan siapakah kononnya keluargaku, sehingga Engkau membawa aku sejauh ini? ¹⁹ Bahkan ternyata pula perkara ini perkara biasa di mata-Mu, ya Tuhan Allah. Namun demikian, Engkau telah berfirman pula tentang masa yang masih jauh mengenai keluarga hamba-Mu ini. Inilah perjanjian bagi umat manusia, ya Tuhan Allah. ²⁰ Entah apa lagi yang dapat disampaikan oleh Daud kepada-Mu, kerana Engkau mengenal hamba-Mu ini, ya Tuhan Allah. ²¹ Demi firman-Mu dan atas kehendak-Mu sendirilah Engkau telah melakukan segala hal

yang besar ini dan memberitahukannya kepada hamba-Mu ini. ²² Oleh sebab itu, Engkau Yang Maha Besar, ya Tuhan Allah, kerana tidak ada yang seperti Engkau. Tidak ada Allah selain Engkau, menurut segala sesuatu yang kami dengar dengan telinga kami. ²³ Bangsa manakah di bumi ini seperti umat-Mu Israel, satu-satunya bangsa yang ditebus oleh Allah untuk menjadi umat-Nya? Dia menegakkan nama bagi-Nya dengan melakukan hal-hal yang besar dan takjub, di hadapan umat yang ditebus-Nya dari Mesir, daripada bangsa-bangsa serta tuhan-tuhan mereka. ²⁴ Engkau telah mengukuhkan umat-Mu Israel bagi diri-Mu sendiri untuk menjadi umat-Mu untuk selama-lamanya dan Engkau, ya Tuhan, menjadi Allah mereka.

²⁵ Maka sekarang, ya Tuhan Allah, biarlah firman yang Kauucapkan tentang hamba-Mu ini dan tentang keluarganya teguh untuk selama-lamanya. Lakukanlah seperti yang Kaufirmankan itu. ²⁶ Semoga nama-Mu diagungkan untuk selama-lamanya, dan orang akan menyebut, 'Tuhan alam semesta ialah Allah atas umat Israel,' dan semoga keluarga hamba-Mu Daud kukuh di hadapan-Mu. ²⁷ Kerana Engkau, ya Tuhan alam semesta, Allah Israel, telah menyingkapkan

kepada hamba-Mu ini demikian, ‘Aku akan membangunkan suatu keturunan bagimu.’ Itulah sebabnya hamba-Mu memberanikan diri untuk menaikkan doa ini di hadapan-Mu.

²⁸ Sekarang, ya Tuhan Allah, Engkaulah Tuhan dan firman-Mu adalah benar. Engkau telah menjanjikan hal yang baik ini kepada hamba-Mu. ²⁹ Sekarang, semoga Engkau berkenan memberkati keluarga hamba-Mu ini, supaya tetap ada di hadapan-Mu untuk selama-lamanya, kerana Engkau juga yang telah berfirman, ya Tuhan Allah. Biarlah keluarga hamba-Mu ini diberkati dengan berkat-Mu untuk selama-lamanya.”

Kemenangan Raja Daud

8 ¹ Setelah itu, Daud mengalahkan orang Filistin dan menakluki mereka. Lalu dia merebut kota Meteg-amah daripada tangan orang Filistin itu.

² Raja Daud juga mengalahkan orang Moab. Dia menyuruh mereka berbaring di tanah lalu mengukur mereka dengan tali. Barisan orang sepanjang dua ukuran tali itu dibunuh manakala barisan yang sepanjang satu ukuran tali dibiarkan hidup. Kemudian orang Moab menjadi hamba Daud dan harus mempersembahkan ufti kepadanya.

³ Daud juga mengalahkan Hadadezer anak Rehob, Raja Zoba, pada waktu dia pergi untuk memulihkan kekuasaannya di Sungai Efrat.

⁴ Daripada raja itu, Daud menawan seribu tujuh ratus orang pasukan berkuda dan dua puluh ribu orang pasukan berjalan kaki. Lalu Daud memotong urat keting semua kuda rata tentera raja itu dan meninggalkan bilangan kuda yang cukup bagi seratus buah rata.

⁵ Maka datanglah pula orang Aram dari Damsyik untuk menolong Hadadezer, raja Zoba, tetapi Daud berjaya menumpaskan dua puluh dua ribu orang daripada kalangan Aram itu. ⁶ Kemudian Daud menempatkan pasukan pendudukan di Aram Damsyik. Orang Aram pun menjadi taklukan Daud dan wajib mempersembahkan ufti kepadanya. Tuhan mengurniakan kemenangan kepada Daud ke mana-mana sahaja dia pergi.

⁷ Daud mengambil perisai-perisai emas yang digunakan oleh para pegawai Hadadezer dan membawanya ke Yerusalem. ⁸ Dari kota Hadadezer iaitu Betah dan Berotai, Raja Daud mengambil begitu banyak sekali gangsa.

⁹ Tou, raja Hamat, mendengar khabar bahawa Daud mengalahkan seluruh tentera Hadadezer.

¹⁰ Maka Tou mengutus Yoram, anaknya, kepada Raja Daud untuk menanyakan keadaannya dan mengucapkan selamat kepadanya

kerana dia telah memerangi Hadadezer serta mengalahkannya. Hadadezer memang telah sering memerangi Tou. Yoram membawa barang-barang daripada perak, emas, dan gangsa, ¹¹ lalu Raja Daud mentakdiskan kesemuanya bagi Tuhan bersama-sama perak dan emas yang ditakdiskannya daripada segala bangsa yang ditaklukkannya, ¹² iaitu orang Aram, orang Moab, orang Amon, orang Filistin, dan orang Amalek. Selain itu dia juga mentakdiskan hasil jarahan daripada Hadadezer anak Rehob, raja Zoba.

¹³ Nama Daud menjadi masyhur sekembalinya daripada menewaskan tentera seramai lapan belas ribu orang Edom di Lembah Garam.

¹⁴ Dia menempatkan pasukan pendudukan di seluruh Tanah Edom, dan semua orang Edom menjadi taklukan Daud. Tuhan mengurniakan kemenangan kepada Daud ke mana-mana sahaja dia pergi.

Para pegawai Raja Daud

¹⁵ Demikianlah Daud bertakhta atas seluruh Israel dan menegakkan keadilan dan kesaksamaan bagi seluruh rakyatnya. ¹⁶ Yoab anak Zeruya mengepalai tentera. Yosafat anak Ahilud menjadi pencatat sejarah. ¹⁷ Zadok anak

Ahitub dan Ahimeleh anak Abyatar menjadi imam. Seraya menjadi jurutulis. ¹⁸ Benaya anak Yoyada mengepalai orang Kreti dan orang Pleti manakala anak-anak Daud mengisi jawatan imam.

Kebaikan Raja Daud kepada Mefiboset

9 ¹ Berkatalah Daud, “Masih adakah orang yang tinggal daripada keluarga Saul? Maka aku akan menunjukkan kasihku kepadanya demi Yonatan.”

² Keluarga Saul mempunyai seorang hamba, yang bernama Ziba. Dia dipanggil menghadap Daud, lalu raja bertanya kepadanya: “Adakah kamu ini Ziba?”

Jawabnya: “Hamba tuanku.”

³ Kemudian berkatalah raja: “Daripada keluarga Saul, tidak adakah lagi orang yang tinggal? Aku hendak menunjukkan kepadanya kasih daripada Allah.”

Jawab Ziba kepada raja, “Masih ada seorang anak lelaki Yonatan yang tempang kedua-dua belah kakinya.”

⁴ Tanya raja kepadanya, “Di manakah dia?”

Jawab Ziba kepada raja: “Dia ada di rumah Makhir anak Amiel, di Lodebar.” ⁵ Sesudah itu

Raja Daud menyuruh orang itu dibawa dari rumah Makhir anak Amiel, dari Lodebar.

⁶ Dan Mefiboset anak Yonatan anak Saul masuk menghadap Daud lantas sujud dan menyembah. Kata Daud, “Mefiboset!”

Jawabnya, “Hambamu ini, tuanku.”

⁷ Kemudian berkatalah Daud kepadanya: “Janganlah takut, kerana aku pasti akan menunjukkan kasihku kepadamu demi Yonatan, ayahmu. Aku akan mengembalikan kepadamu segala ladang Saul, datukmu, dan engkau akan selalu makan di mejaku.”

⁸ Lalu sujudlah Mefiboset dan berkata, “Siapakah hambamu ini, sehingga tuanku menghiraukan anjing mati seperti aku?”

⁹ Kemudian raja memanggil Ziba, hamba Saul itu, dan berkata kepadanya, “Segala milik Saul dan milik seluruh keluarganya kukurniakan kepada cucu tuanmu ini. ¹⁰ Engkau, anak-anakmu dan hamba-hambamu harus mengerjakan tanah baginya serta mengumpulkan hasil supaya cucu tuanmu ini cukup makanan. Mefiboset, cucu tuanmu itu, akan selalu makan di mejaku.” Ziba mempunyai lima belas orang anak lelaki dan dua puluh orang hamba.

¹¹ Berkatalah Ziba kepada raja: “Semua yang diperintahkan Tuanku Raja akan hamba laksanakan.”

Maka Mefiboset makan di meja Daud sebagai salah seorang anak raja. ¹² Mefiboset mempunyai seorang anak lelaki bernama Mikha yang masih kecil, dan semua orang yang tinggal di rumah Ziba ialah hamba Mefiboset. ¹³ Demikianlah Mefiboset, yang tempang kedua-dua belah kakinya itu, tinggal di Yerusalem dan selalu makan di meja raja.

Raja Daud menewaskan bani Amon dan orang Aram

10 ¹ Sesudah itu raja bani Amon meninggal lalu anaknya, Hanun, menaiki takhta untuk menggantikannya. ² Daud berkata, “Aku hendak menjalin persahabatan dengan Hanun anak Nahas, sebagaimana ayahnya menjalin persahabatan denganku.” Maka Daud mengirinkan beberapa orang utusannya untuk menyampaikan takziah kepada Hanun kerana perihal ayahnya itu.

Para utusan Daud pun sampai di negeri bani Amon. ³ Akan tetapi, para pembesar bani Amon berkata kepada Hanun, tuan mereka, “Adakah tuanku sangka Daud hendak memberikan penghormatan kepada ayah tuanku, sehingga dia mengutus orang untuk menyampaikan takziah kepada tuanku? Bukankah Daud mengutus para

pegawainya kepada tuanku untuk menyiasat kota ini, untuk mengintip dan menggulingkannya?”

⁴ Oleh sebab itu Hanun menangkap para utusan Daud itu. Lalu dia mencukur separuh janggut mereka dan memotong pakaian mereka di bahagian tengah sampai pangkal paha. Setelah itu, disuruhnya mereka pergi. ⁵ Ketika hal itu diberitahukan kepada Daud, dia mengutus orang untuk menemui mereka, kerana mereka berasa sangat malu. Kata raja, “Tinggallah di Yerikho sehingga janggutmu tumbuh lagi. Setelah itu, barulah kamu pulang.”

⁶ Ketika bani Amon menyedari bahawa mereka telah membangkitkan kebencian Daud, mereka mengupah orang Aram dari Bet-Rehob dan dari Zoba seramai dua puluh ribu orang pasukan berjalan kaki, raja Maakha dengan seribu orangnya, serta dua belas ribu orang Tob.

⁷ Mendengar hal itu, Daud menyuruh Yoab maju dengan seluruh tentera kesateria. ⁸ Kemudian bani Amon maju dan mengatur barisan perang mereka di depan pintu gerbang. Sementara itu, orang Aram dari Zoba dan dari Rehob, juga orang Tob dan Maakha, berada terpisah di padang.

⁹ Ketika Yoab melihat bahawa peperangan itu diatur untuk menyerangnya dari depan dan dari belakang, dia memilih beberapa orang Israel daripada kalangan yang terbaik dan mengatur

barisan mereka untuk menghadapi orang Aram.

¹⁰ Pasukan yang selebihnya diserahkan kepada pimpinan Abisai, adiknya, yang mengatur barisan mereka untuk menghadapi bani Amon.

¹¹ Kata Yoab, “Jika orang Aram terlalu kuat bagiku, maka engkau harus datang membantu aku. Jika bani Amon terlalu kuat bagimu, maka aku akan datang membantu engkau. ¹² Kuatkanlah hatimu dan marilah kita bertabah hati demi bangsa kita dan demi kota-kota Allah kita. Semoga Tuhan melakukan apa yang baik di sisi-Nya.”

¹³ Kemudian majulah Yoab dan pasukan yang menyertainya untuk berperang melawan orang Aram. Lalu larilah orang Aram dari hadapannya.

¹⁴ Apabila bani Amon melihat bahawa orang Aram melarikan diri, maka mereka pun lari dari hadapan Abisai lalu masuk ke dalam kota. Sesudah itu kembalilah Yoab daripada memerangi bani Amon, lalu tiba di Yerusalem.

¹⁵ Orang Aram menyedari bahawa mereka telah dikalahkan oleh orang Israel. Oleh sebab itu mereka berkumpul bersama-sama. ¹⁶ Kemudian Hadadezer menyuruh agar orang Aram yang berada di seberang Sungai Efrat dipanggil keluar. Mereka pun datang ke Helam, lalu Sobakh, panglima tentera Hadadezer, menjadi pemimpin mereka. ¹⁷ Ketika hal itu dikhabarkan kepada Daud, maka dia mengerahkan seluruh

orang Israel. Mereka menyeberangi Yordan dan langsung menuju Helam. Orang Aram pun mengatur barisan mereka untuk menghadapi Daud lalu berperang melawannya.¹⁸ Namun demikian, mereka lari dari hadapan orang Israel. Daud menumpaskan tujuh ratus daripada orang Aram yang mengenderai rata dan empat puluh ribu orang pasukan berkuda. Dia juga menumpaskan Sobakh, panglima tentera mereka di sana.¹⁹ Ketika semua raja yang takluk kepada Hadadezer melihat bahawa mereka telah dikalahkan di hadapan orang Israel, mereka pun mengadakan perjanjian damai dengan orang Israel lantas menjadi umat yang takluk kepada mereka. Setelah itu, orang Aram takut membantu bani Amon lagi.

Raja Daud bermukah dengan Batsyeba

11¹ Pada musim bunga, iaitu masa raja-raja mara untuk berperang, Daud mengutus Yoab dan para pegawainya serta seluruh orang Israel untuk berperang. Mereka menggempur bani Amon dan mengepung Kota Raba. Namun begitu, Daud sendiri tidak turut mara tetapi tinggal di Yerusalem.

² Pada suatu petang, Daud bangun dari tempat tidurnya lalu berjalan-jalan di atas bumbung istana raja, dan dari atap itu dia terlihat seorang perempuan yang sedang mandi. Sangat cantiknya perempuan itu. ³ Lalu Daud menyuruh orang untuk bertanya tentang perempuan itu. Kata orang, “Bukankah itu Batsyeba anak Eliam, isteri Uria, orang Het?” ⁴ Setelah itu, Daud mengirim beberapa orang utusan untuk menjemputnya lalu datanglah perempuan itu kepadanya. Raja Daud meniduri perempuan itu (yang baru sahaja menyucikan diri daripada kenajisannya.) Kemudian pulanglah perempuan itu ke rumahnya. ⁵ Beberapa waktu kemudian perempuan itu mengandung. Disuruhnya orang untuk memberitahukan hal itu kepada Daud, katanya, “Aku mengandung.”

⁶ Kemudian Daud mengirim perutusan kepada Yoab, “Suruhlah Uria, orang Het itu, datang kepadaku.” Lalu Yoab menyuruh Uria untuk menghadap Daud. ⁷ Setelah Uria sampai di hadapannya, bertanyalah Daud tentang keadaan Yoab, tentang keadaan pasukan, dan tentang keadaan peperangan itu. ⁸ Kemudian kata Daud kepada Uria, “Pulanglah ke rumahmu dan basuhlah kakimu.” Maka keluarlah Uria dari istana raja, lalu yang menyusulnya ialah pemberian daripada raja. ⁹ Akan tetapi, Uria tidur

di muka pintu istana raja bersama semua hamba tuannya. Dia tidak pulang ke rumahnya. ¹⁰ Ketika mereka memberitahu Daud, “Uria tidak pulang ke rumahnya,” bertanyalah Daud kepada Uria, “Bukankah engkau baru datang dari perjalanan? Mengapakah engkau tidak pulang ke rumahmu?”

¹¹ Jawab Uria kepada Daud, “Tabut Allah, orang Israel, dan orang Yehuda tinggal di pondok-pondok. Juga tuanku Yoab dan para pegawai tuanku berkhemah di padang terbuka. Bolehkah hamba balik sahaja ke rumah hamba untuk makan, minum, dan tidur dengan isteri hamba? Demi hidup tuanku dan demi nyawa tuanku, hamba tidak akan melakukan hal itu!”

¹² Lalu kata Daud kepada Uria, “Tinggallah di sini hari ini lagi. Esok aku akan mengutus engkau pergi.” Maka tinggallah Uria di Yerusalem pada hari itu dan juga keesokan harinya. ¹³ Lalu Daud mengundangnya untuk makan dan minum di hadapannya, lalu Daud membuatnya mabuk. Malam itu keluarlah dia untuk berbaring di tempat tidurnya bersama-sama para hamba tuannya, tetapi dia tidak pulang ke rumahnya.

¹⁴ Pada pagi harinya, Daud menulis sepucuk surat kepada Yoab dan mengirimkannya dengan perantaraan Uria. ¹⁵ Dalam surat itu ditulisnya demikian, “Tempatkanlah Uria di barisan hadapan di medan peperangan yang paling

sengit, dan jauhkanlah dirimu daripadanya. Biarkan dia diserang dan mati.”¹⁶ Jadi, ketika Yoab mengepung kota itu, dia menempatkan Uria di tempat yang diketahuinya bertumpu para kesateria yang gagah perkasa.¹⁷ Lalu orang kota itu keluar memerangi Yoab. Maka gugurlah beberapa orang daripada kalangan anak buah Daud termasuk Uria, orang Het itu.

¹⁸ Maka Yoab pun mengutus orang untuk menyampaikan segala hal ehwal peperangan itu kepada Daud.¹⁹ Kepada pesuruh itu dia mengamanatkan demikian, “Setelah engkau selesai menyampaikan segala hal ehwal peperangan ini kepada raja,²⁰ dan jika raja menjadi murka sehingga dia berkata kepadamu, ‘Mengapakah kamu begitu dekat ke kota itu untuk berperang? Tidakkah kamu tahu bahawa mereka akan memarah dari atas tembok?’

²¹ Siapakah yang membunuh Abimelekh anak Yerubeset? Bukankah seorang perempuan, yang menjatuhkan sebuah batu kisanan kepadanya dari atas tembok sehingga dia tewas di Tebes? Mengapakah kamu mendekati tembok itu?’ maka jawablah, ‘Hambamu Uria, orang Het itu, juga telah gugur.’ ”

²² Maka pergilah pesuruh itu. Setelah tiba, diberitahunya kepada Daud segala sesuatu yang diamanatkan Yoab kepadanya. ²³ Kata pesuruh itu kepada Daud, “Sesungguhnya, orang itu lebih kuat daripada kami dan mereka keluar menyerang kami di padang. Namun demikian, kami melawan mereka sampai ke muka pintu gerbang. ²⁴ Lalu para pemanah memanah hamba-hambamu dari atas tembok, sehingga beberapa orang hamba tuanku gugur. Hambamu Uria, orang Het itu, juga telah gugur.”

²⁵ Kemudian berkatalah Daud kepada pesuruh itu, “Beginilah harus kaukatakan kepada Yoab, ‘Janganlah susah hatimu kerana hal itu, kerana pedang memang makan korban, entah yang ini atau yang itu. Perhebatlah peperanganmu untuk melawan kota itu, dan runtuhkanlah.’ Engkau juga harus menguatkan hatinya.”

²⁶ Ketika isteri Uria mendengar bahawa Uria, suaminya, telah gugur, dia pun meratapi suaminya itu. ²⁷ Setelah masa berkabung selesai, Daud mengutus orang untuk menjemput dia ke istananya. Lalu perempuan itu menjadi isterinya dan melahirkan seorang anak lelaki baginya. Akan tetapi, di mata Tuhan, sangat keji hal yang dilakukan Daud itu.

Natan mencela Raja Daud

12 ¹ Tuhan mengutus Natan kepada Daud. Lalu datanglah dia menemui Daud dan berkata kepadanya, “Ada dua orang di dalam sebuah kota, seorang kaya dan seorang lagi miskin. ² Si kaya memiliki banyak sekali kawan domba dan lembu. ³ Tetapi si miskin tidak memiliki apa-apa pun selain seekor anak domba betina kecil, yang dibeli dan dipeliharanya, serta menjadi besar di rumahnya bersama-sama anak-anaknya. Anak domba itu makan makanannya, minum daripada cangkirnya, dan tidur di pangkuannya dan sudah menjadi seperti seorang anak perempuan sahaja baginya. ⁴ Pada suatu waktu, datanglah seorang pengembara mengunjungi orang kaya itu. Si kaya itu enggan mengambil salah seekor kawan domba dan lembunya untuk disediakan sebagai sajian bagi pengembara yang singgah itu. Sebaliknya dia mengambil anak domba betina milik orang miskin itu dan menyediakannya menjadi sajian bagi orang yang singgah di rumahnya itu.”

⁵ Maka menyala-nyalalah amarah Daud dengan kuatnya terhadap orang kaya itu. Katanya kepada Natan, “Demi Tuhan yang hidup, orang yang

melakukan hal itu harus mati! ⁶ Hendaklah dia mengganti anak domba betina itu empat kali ganda, kerana dia telah melakukan hal semacam itu dan kerana nyata dia tiada sifat belas kasihan.”

⁷ Kata Natan kepada Daud, “Engkaulah orang itu! Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Aku telah melantik engkau menjadi raja atas orang Israel, dan Aku telah membebaskan engkau daripada tangan Saul. ⁸ Seisi istana tuanmu telah kuberikan kepadamu, demikian juga isteri-isteri tuanmu ke pangkuanmu. Aku pun mengurniakan kepadamu keturunan kaum Israel dan Yehuda. Jika itu belum cukup, tentu Aku akan menambahkan ini dan itu lagi bagimu. ⁹ Lalu mengapakah engkau meremehkan firman Tuhan dengan melakukan hal yang jahat di sisi-Nya? Engkau membunuh Uria, orang Het itu, dengan pedang. Kauambil isterinya menjadi isterimu, dan dia sendiri kaubunuh dengan pedang bani Amon. ¹⁰ Maka sekarang, pedang tidak akan dijauhkan daripada keluargamu untuk selamanya, kerana engkau telah meremehkan Aku dan mengambil isteri Uria, orang Het itu, menjadi isterimu.’ ¹¹ Beginilah firman Tuhan, ‘Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka bagimu dari dalam keluargamu

sendiri. Aku akan mengambil isteri-isterimu di hadapan matamu dan menyerahkan mereka kepada orang lain. Isteri-isterimu akan ditidurinya ketika hari siang lagi. ¹² Engkau melakukan hal itu secara sembunyi-sembunyi, tetapi Aku akan menghukum kamu di depan semua orang Israel secara terang-terang.”

Raja Daud menyesal

¹³ Jawab Daud kepada Natan, “Aku telah berdosa terhadap Tuhan.”

Kata Natan kepada Daud, “Tuhan telah menjauhkan dosamu itu. Engkau tidak akan mati. ¹⁴ Meskipun begitu, kerana dengan perbuatan ini engkau telah mencemuh Tuhan,^v maka anak yang dilahirkan bagimu itu pasti akan mati.”

¹⁵ Setelah itu, pulanglah Natan ke rumahnya.

Kemudian Tuhan menulahi anak yang dilahirkan oleh balu Uria bagi Daud sehingga anak itu menjadi sakit. ¹⁶ Daud pun memanjatkan permohonan kepada Allah demi anak itu sambil berpuasa. Dia masuk ke dalam dan berbaring di lantai semalam-malaman. ¹⁷ Lalu para tua-tua istananya datang untuk memintanya bangun dari lantai, tetapi dia tidak mahu. Dia juga tidak

^v**12:14** Teks Masoretic: ‘musuh-musuh Tuhan mencemuh-Nya.’

mahu makan bersama-sama mereka. ¹⁸ Pada hari ketujuh anak itu meninggal. Para pegawai Daud berasa takut untuk memberitahunya bahawa anak itu sudah meninggal. Kata mereka, “Ketika anak itu masih hidup sahaja kita telah berbicara kepada baginda dan baginda tidak mahu mendengar kata-kata kita. Bagaimanakah pula kita dapat mengatakan kepada baginda bahawa anak itu sudah meninggal? Jangan-jangan baginda akan mencederakan dirinya.”

¹⁹ Ketika Daud melihat para pegawainya berbisik-bisik antara satu sama lain, tahulah dia bahawa anak itu sudah meninggal. Lalu bertanyalah Daud kepada para pegawainya, “Apakah anak itu sudah meninggal?”

Jawab mereka, “Ya, sudah meninggal.”

²⁰ Kemudian bangkitlah Daud dari lantai, lalu mandi. Dia memakai wangi-wangian dan menukar pakaiannya. Kemudian dia masuk ke dalam Bait Tuhan dan menyembah-Nya, lalu pergi ke istananya. Atas permintaannya roti dihidangkan untuknya, lalu dia bersantap.

²¹ Maka berkatalah para pegawainya kepadanya, “Apakah maksud perbuatan tuanku ini? Ketika anak itu masih hidup, tuanku berpuasa serta menangis, tetapi sesudah anak itu meninggal, tuanku bangun dan bersantap.”

²² Jawabnya, “Ketika anak itu masih hidup aku berpuasa serta menangis, kerana fikirku, ‘Siapa tahu Tuhan akan mengasihani aku, sehingga anak itu tetap hidup.’ ²³ Tetapi sekarang dia sudah meninggal, mengapakah aku harus berpuasa? Dapatkah aku mengembalikannya lagi? Aku yang akan pergi kepadanya, tetapi dia tidak akan kembali kepadaku.”

²⁴ Lalu Daud menghiburkan Batsyeba, isterinya. Dia menghampiri perempuan itu dan tidur dengan dia. Kemudian perempuan itu melahirkan seorang anak lelaki, dan Daud menamainya Salomo. Tuhan mengasihi anak ini, ²⁵ dan dengan perantaraan nabi Natan anak itu dinamai Yedija selaras dengan pesan Tuhan.

Perang melawan bani Amon berakhir

²⁶ Yoab berperang melawan Raba, kota bani Amon, dan dia merebut kota kerajaan itu.

²⁷ Kemudian Yoab mengirimkan beberapa orang pesuruh untuk menghadap Daud dengan pesan, “Hamba telah memerangi Raba dan telah merebut perairan kota itu. ²⁸ Maka sekarang, kerahkanlah rakyat yang selebihnya, kepunglah kota itu dan rebutlah, supaya jangan hamba yang merebut kota itu dan kota itu dinamai menurut nama hamba.” ²⁹ Maka Daud mengerahkan seluruh rakyat lalu pergi ke Raba. Dia memerangi

kota itu dan merebutnya. ³⁰ Dia mengambil mahkota daripada kepala raja mereka, beratnya satu talenta emas dan bertatahkan batu permata yang indah, lalu mahkota itu dikenakan pada kepala Daud. Dia mengangkut banyak sekali jarahan dari kota itu. ³¹ Dia juga mengangkut rakyat kota itu dan menempatkan mereka untuk bekerja dengan gergaji, penggerek besi, dan kapak besi. Selain itu mereka pun dipaksa bekerja di tempat pembuatan batu bata. Demikianlah yang dilakukannya terhadap semua kota bani Amon. Kemudian kembalilah Daud dan seluruh pasukannya ke Yerusalem.

Amnon dan Tamar

13 ¹ Beberapa lama selepas itu anak Daud, Absalom, mempunyai seorang adik perempuan kandung bernama Tamar yang cantik dan Amnon, anak Daud, jatuh cinta kepadanya. ² Amnon sedemikian tergoda sehingga dia jatuh sakit kerana Tamar, saudaranya yang sebapa itu, masih perawan. Nampaknya, sukar sekali bagi Amnon untuk melakukan sesuatu terhadapnya. ³ Amnon mempunyai seorang sahabat yang sangat cerdik, namanya Yonadab. Dia anak Simea, abang Daud. ⁴ Yonadab bertanya kepadanya, “Wahai anak raja, mengapa engkau begitu merana pagi demi pagi? Tidakkah engkau mahu

memberitahu aku?” Jawab Amnon kepadanya, “Aku jatuh cinta pada Tamar, adik perempuan Absalom, saudaraku itu.”

⁵ Lalu kata Yonadab kepadanya, “Berbaringlah di tempat tidurmu dan berpura-puralah sakit. Apabila ayahmu datang menjenguk kamu, katakanlah kepadanya, ‘Izinkanlah Tamar, adikku, datang memberi aku makanan serta menyiapkan makanan di hadapan mataku, sehingga aku dapat melihatnya dan makan daripada tangannya.’ ”

⁶ Maka berbaringlah Amnon dan berpura-pura sakit.

Ketika raja datang menjenguknya, Amnon berkata kepada raja, “Izinkanlah Tamar, adikku, datang membuatkan aku penganan juadah di hadapan mataku, supaya aku makan daripada tangannya.”

⁷ Lalu Daud menyuruh orang ke istananya menemui Tamar dengan pesan, “Pergilah ke rumah Amnon, abangmu, dan siapkanlah makanan untuknya.” ⁸ Maka pergilah Tamar ke rumah Amnon, abangnya, yang sedang berbaring. Diambilnya adunan, diramasnya, lalu dibuatnya penganan juadah di hadapan matanya, dan dipanggangnya. ⁹ Setelah itu, diangkatnya kualinya lalu dikeluarkannya isinya di depan Amnon. Namun demikian, dia tidak mahu makan. Kata Amnon, “Suruhlah semua orang keluar

meninggalkan aku.” Maka keluarlah semua orang meninggalkan dia. ¹⁰ Kemudian kata Amnon kepada Tamar, “Bawalah makanan itu ke dalam bilik, supaya aku makan daripada tanganmu.”

Tamar pun mengambil penganan juadah yang telah disiapkannya itu dan membawanya masuk ke bilik Amnon, abangnya. ¹¹ Ketika perempuan itu menghidangkannya kepadanya untuk dimakan, Amnon memegang dia dan berkata kepadanya, “Mari, tidurlah dengan aku, adikku.”

¹² Jawab gadis itu kepadanya, “Tidak, abangku, jangan perkosa aku, kerana hal semacam itu tidak patut dilakukan di Israel. Jangan kaulakukan perbuatan bodoh ini. ¹³ Sebabnya ke manakah akan kubawa aibku? Engkau sendiri akan dianggap sebagai seorang yang bodoh di Israel. Sekarang, bicaralah dengan raja, tentu dia tidak akan menahan diriku daripadamu.” ¹⁴ Meskipun begitu, Amnon tidak mahu mendengar kata-katanya. Dia lebih kuat daripada Tamar, sehingga dia memperkosa Tamar dan menidurinya.

¹⁵ Setelah itu, Amnon berasa sangat benci kepada perempuan itu, bahkan kebenciannya pada perempuan itu melebihi cintanya yang dahulu. Lalu kata Amnon kepadanya, “Bangun, nyahlah!”

¹⁶ Jawab perempuan itu kepadanya, “Jangan! Kerana jika engkau menyuruh aku pergi, maka

kejahatan yang kaulakukan ini jauh lebih besar daripada kejahatan yang telah kaulakukan terhadapku tadi.”

Tetapi Amnon tidak mahu mendengarkannya.

¹⁷ Dia kemudian memanggil pelayannya dan berkata, “Keluarkanlah perempuan ini dari sini dan kunciilah pintu di belakangnya!”

¹⁸ Pada waktu itu Tamar memakai baju panjang berlengan, kerana demikianlah pakaian anak-anak perempuan raja yang masih perawan.

Pelayan Amnon membawa Tamar keluar dan mengunci pintu di belakangnya.

¹⁹ Tamar menaruh abu di kepalanya dan mengoyak-ngoyakkan baju panjang berlengan yang dipakainya itu. Dia meletakkan tangan di atas kepalanya, lalu berjalan sambil menjerit-jerit.

²⁰ Maka bertanyalah Absalom, abangnya, kepadanya, “Adakah Amnon, abangmu, menyentuh engkau? Sekarang tenanglah, adikku. Dia abangmu, jangan kaumasukkan perkara ini dalam hati.” Lalu Tamar mengasingkan diri, dan tinggal di rumah Absalom, abangnya.

²¹ Ketika Raja Daud mendengar semua hal itu, dia menjadi sangat marah. ²² Absalom tidak mahu bicara sepatah kata pun dengan Amnon, tentang yang baik ataupun yang buruk. Dia membenci Amnon kerana Amnon telah memperkosa adiknya, Tamar.

Amnon dibunuh, Absalom melarikan diri

²³ Setelah dua tahun berlalu, Absalom mengadakan pengetaman bulu domba di Baal-Hazor, berdekatan dengan Efraim. Lalu Absalom mengundang semua anak raja. ²⁴ Kemudian Absalom datang menghadap raja dan berkata, “Hambamu ini mengadakan pengetaman bulu domba. Kumohon raja dan para pegawainya berkenan berangkat bersama-sama hambamu ini.”

²⁵ Kata raja kepada Absalom, “Jangan, anakku. Tidak perlu kami semua pergi, nanti kami menyusahkan engkau.” Absalom mendesaknya, tetapi raja tetap tidak mahu pergi. Dia hanya memohonkan berkat untuknya.

²⁶ Jadi, Absalom berkata, “Kalau tidak, izinkanlah Amnon, abangku, pergi bersama kami.”

Kata raja kepadanya, “Untuk apa dia pergi bersamamu?” ²⁷ Tetapi Absalom mendesaknya, sehingga dia mengizinkan Amnon dan semua anak raja pergi bersamanya. ²⁸ Kemudian Absalom memberikan perintah kepada para pelayannya demikian, “Perhatikan! Pada masa hati Amnon begitu girang dengan air anggur, dan pada masa aku berkata kepadamu, ‘Ajar Amnon,’ bunuhlah dia. Jangan takut! Aku yang

memberimu perintah, bukan? Bertindaklah dengan berani dan jadilah orang yang perkasa.”

²⁹ Pelayan-pelayan Absalom pun memperlakukan Amnon sebagaimana diperintahkan Absalom. Maka bangkitlah semua anak raja, masing-masing menunggangi baghalnya lalu melarikan diri.

³⁰ Sementara mereka masih dalam perjalanan, sampailah berita kepada Daud yang mengatakan, “Absalom telah membunuh semua anak raja. Tiada seorang pun daripada mereka yang selamat.” ³¹ Maka bangkitlah raja, lalu mengoyakkan pakaiannya dan membaringkan diri di lantai. Semua pegawainya berdiri di sisinya dengan pakaian yang terkoyak-koyak juga. ³² Tetapi Yonadab, anak Simea, abang Daud, angkat bicara. Katanya, “Jangan tuanku sangka bahawa semua anak raja yang muda itu tewas dibunuh. Hanya Amnon yang mati, kerana Absalom memang sudah berniat demikian sejak hari Amnon memperkosa Tamar, adiknya. ³³ Sekarang, janganlah Tuanku Raja menyimpan berita itu dalam hati dan berfikir bahawa semua anak raja sudah mati, kerana hanya Amnon yang mati.”

³⁴ Sementara itu Absalom melarikan diri.

Ketika orang muda yang bertugas untuk menjaganya melayangkan pandangan dan memperhatikan, dilihatnya ramai orang datang

dari arah jalan di belakangnya, iaitu dari lereng gunung. ³⁵ Lalu Yonadab berkata kepada raja, “Lihat, anak-anak raja datang, tepat seperti yang hambamu katakan tadi.” ³⁶ Baru sahaja dia selesai bercakap, datanglah anak-anak raja sambil menangis dengan suara nyaring. Maka raja berserta para pegawainya pun menangis meraung-raung.

³⁷ Absalom melarikan diri dan pergi ke daerah Talmai anak Amihur, raja Gesur. Setiap hari Daud berdukacita kerana anaknya itu. ³⁸ Setelah melarikan diri dan pergi ke Gesur, Absalom tinggal di sana tiga tahun lamanya. ³⁹ Raja Daud rindu bertemu dengan Absalom kerana kesedihannya atas kematian Amnon sudah terlipur.

Absalom kembali ke Yerusalem

14 ¹ Yoab anak Zeruya tahu bahawa hati raja merindui Absalom. ² Maka Yoab menghantar orang ke Tekoa untuk menjemput seorang perempuan yang bijak dari sana. Lalu Yoab berkata kepadanya, “Berpura-puralah berkabung dan kenakanlah pakaian perkabungan. Jangan guna minyak wangi. Sebaliknya, bertindaklah seperti seorang

perempuan yang sudah lama berkabung kerana kematian seseorang. ³ Kemudian pergilah menghadap raja dan sampaikanlah kepada raja kata-kata ini.” Lalu Yoab mengajarkan apa yang harus dikatakannya kepada raja.

⁴ Maka perempuan Tekoa itu menghadap raja, lalu sujud dan memberi hormat. Katanya, “Tolonglah, ya Raja.”

⁵ Tanya raja kepadanya, “Ada apa?”

Jawabnya, “Sesungguhnya, hamba ini seorang balu; suami hamba sudah meninggal. ⁶ Hambamu ini mempunyai dua orang anak lelaki. Suatu ketika, mereka berkelahi di padang. Tidak ada seorang pun yang meleraikan mereka, lalu anak yang satu memukul anak yang lain dan membunuh dia. ⁷ Sekarang seluruh kaum bangkit melawan hambamu ini. Mereka berkata, ‘Serahkanlah orang yang membunuh saudaranya itu. Kami akan menghukumnya mati sebagai ganti nyawa saudaranya yang telah dibunuhnya, dan kami pun akan memusnahkan ahli waris itu.’ Dengan demikian mereka bermaksud memadamkan bara api yang masih tersisa, tanpa meninggalkan nama ataupun keturunan bagi suami hamba di atas bumi ini.”

⁸ Lalu kata raja kepada perempuan itu, “Pulanglah ke rumahmu. Aku akan mengeluarkan perintah perihal perkaramu.”

⁹ Kata perempuan Tekoa itu kepada raja, “Ya Tuanku Raja, biarlah kesalahan itu ditanggungkan atas hamba dan atas kaum keluarga hamba. Raja dan takhtanya tidak bersalah.”

¹⁰ Lalu kata raja, “Jika ada orang yang mengatakan apa-apa lagi kepadamu, bawalah dia menghadap aku, dan dia tidak akan mengganggu engkau lagi.”

¹¹ Kata perempuan itu, “Semoga Raja akan ingat kepada Tuhan, Allahmu, supaya orang yang menuntut balasan darah itu tidak menimbulkan kemusnahan yang lebih besar, dan supaya mereka jangan memusnahkan anak hamba.”

Kata raja, “Demi Tuhan yang hidup, sehelai rambut pun daripada kepala anakmu itu tidak akan jatuh ke bumi.”

¹² Kemudian berkatalah perempuan itu, “Izinkanlah hambamu ini menyampaikan lagi sepatah kata lagi kepada Tuanku Raja.”

Kata raja, “Katakanlah.”

¹³ Kata perempuan itu, “Mengapakah tuanku merancang hal yang demikian terhadap umat Allah? Dengan mengatakan hal itu, Tuanku Raja berada pada pihak yang salah kerana tidak mengizinkan pulangnya orang yang terbuang. ¹⁴ Kita semua kelak akan mati, seperti air yang tercurah ke bumi dan tidak dapat dikumpulkan kembali. Namun demikian, Allah

tidak mengambil nyawa orang. Sebaliknya, Dia mengupayakan agar orang yang terbuang tidak terbuang selama-lamanya dari hadapan-Nya.

¹⁵ Sekarang hamba datang untuk menyampaikan hal ini kepada Tuanku Raja, kerana orang ramai itu menakut-nakutkan hamba. Jadi, fikir hambamu, 'Sebaiknya hamba berbicara dahulu dengan raja, siapa tahu raja sudi mengabulkan permintaan hambanya ini. ¹⁶ Barangkali raja mahu mendengar dan membebaskan hamba daripada tangan orang yang akan memusnahkan hamba dan juga anak hamba daripada harta pusaka Allah.' ¹⁷ Hambamu ini juga berfikir, 'Perkataan Tuanku Raja pastilah menenteramkan hati, kerana Tuanku Raja seperti malaikat Allah, dapat membezakan antara yang baik dengan yang jahat. Semoga Tuhan, Allah tuanku, menyertai tuanku.' "

¹⁸ Kemudian raja menjawab, katanya kepada perempuan itu, "Tolong, jangan sembunyikan daripada diriku hal yang hendak kutanyakan kepadamu."

Kata perempuan itu, "Silakan Tuanku Raja berbicara."

¹⁹ Tanya raja, "Bukankah ada campur tangan Yoab dalam semua perkara ini?"

Perempuan itu menjawab, demikian, “Demi hidup Tuanku Raja, tiada seorang pun dapat mengelak daripada apa yang dikatakan Tuanku Raja. Memang hambamu Yoab yang memerintahkan hamba, dan dialah yang mengarahkan semua yang harus hamba katakan. ²⁰ Hambamu Yoab melakukan hal ini untuk mengubah keadaan itu. Tetapi tuanku bijak seperti malaikat Allah, sehingga tuanku tahu segala sesuatu yang terjadi di bumi.”

²¹ Maka kemudian berkatalah raja kepada Yoab, “Baiklah, aku mengabdikan hal itu. Pergilah dan bawalah pulang Absalom, anak muda itu.”

²² Lalu Yoab sujud dan memberi hormat sambil memohon berkat bagi raja. Kata Yoab, “Hari ini hambamu tahu bahawa hamba berkenan di mata Tuanku Raja, kerana Raja telah mengabdikan permintaannya ini.”

²³ Setelah itu, bangkitlah Yoab lalu pergi ke Gesur dan membawa Absalom ke Yerusalem.

²⁴ Akan tetapi, raja berkata, “Dia harus pulang ke rumahnya dan tidak boleh datang menghadap aku.” Jadi, pulanglah Absalom ke rumahnya dan tidak datang menghadap raja.

²⁵ Pada waktu itu di seluruh Israel tidak ada orang yang begitu dipuji ketampanannya seperti Absalom. Dari telapak kaki sampai ubun-ubunnya dia tiada cacat cela. ²⁶ Pada akhir tiap-tiap tahun

dia harus mencukur rambutnya kerana sudah menjadi terlalu berat baginya, dan ketika dia menimbang rambut kepalanya sesudah bercukur, ternyata beratnya dua ratus syikal menurut batu timbangan raja. ²⁷ Lahirlah bagi Absalom tiga orang anak lelaki dan seorang anak perempuan yang cantik parasnya, bernama Tamar.

²⁸ Absalom tinggal di Yerusalem dua tahun lamanya dan tidak pernah datang menghadap raja. ²⁹ Lalu Absalom menyuruh agar Yoab dipanggil untuk diutusnya menghadap raja, tetapi Yoab tidak mahu datang kepadanya. Kemudian untuk kali keduanya dia menyuruh agar Yoab dipanggil lagi. Akan tetapi, Yoab tidak juga mahu datang. ³⁰ Oleh sebab itu berkatalah Absalom kepada hamba-hambanya, “Lihat, ladang Yoab yang ditanami barli ada berdekatan dengan ladangku. Pergilah dan bakarlah.” Maka hamba-hamba Absalom membakar ladang itu.

³¹ Yoab pun bangkit mendatangi Absalom di rumahnya dan bertanya kepadanya, “Mengapakah hamba-hambamu membakar ladangku?”

³² Jawab Absalom kepada Yoab, “Sesungguhnya, aku telah menyuruh orang untuk menemuimu dengan pesan, ‘Datanglah ke mari, supaya aku dapat mengutus engkau kepada raja untuk bertanya, ‘Apakah gunanya hamba datang dari

Gesur? Lebih baik hamba tetap tinggal di sana.”
' Jadi sekarang, biarlah aku datang menghadap raja. Jika aku bersalah, aku rela dihukum mati.”

³³ Maka pergilah Yoab menghadap raja dan memberitahukan hal itu kepadanya. Raja memanggil Absalom, lalu masuklah dia menghadap raja. Dia pun sujud dan memberi hormat di hadapan raja, kemudian raja mencium Absalom.

Pengkomplotan Absalom

15 ¹ Sesudah itu, Absalom menyiapkan bagi dirinya sebuah rata dengan kuda serta lima puluh orang yang berlari di hadapannya.
² Setiap pagi Absalom bangun lalu berdiri di tepi jalan yang menuju pintu gerbang. Apabila ada orang yang ada perkara yang mahu dihadapkan kepada raja untuk diadili, Absalom akan memanggilnya lalu dan bertanya, “Dari kota manakah engkau?” Apabila dijawab, “Hambamu ini berasal daripada salah satu suku Israel,”
³ maka Absalom akan berkata kepadanya, “Lihat, perkaramu itu baik dan benar, tetapi tiada seorang pun ditugaskan raja untuk mendengar engkau.” ⁴ Lagi kata Absalom, “Ah, semoga aku diangkat menjadi hakim di negeri ini, maka setiap orang yang datang kepadaku dengan suatu perkara atau pertikaian akan kuberi

keadilan!”⁵ Apabila ada orang yang mendekat untuk memberi hormat kepadanya, maka dia akan menghulurkan tangannya, merangkul orang itu, dan menciumnya.⁶ Itulah yang dilakukan Absalom terhadap semua orang Israel yang datang menghadap raja untuk diadili perkaranya. Demikianlah Absalom mengambil hati para warga Israel.

⁷ Setelah akhirnya empat tahun, berkatalah Absalom kepada raja, “Izinkanlah hamba pergi ke Hebron untuk membayar nazar yang telah hamba ucapkan kepada Tuhan.⁸ Semasa tinggal di Gesur, di Aram, hambamu ini pernah mengucapkan nazar demikian, ‘Jika Tuhan benar-benar mengembalikan aku ke Yerusalem, aku akan beribadat kepada Tuhan.’ ”

⁹ Jawab raja kepadanya, “Pergilah dengan selamat.” Maka bersiaplah Absalom lalu pergi ke Hebron.¹⁰ Akan tetapi, sementara itu Absalom telah mengirim beberapa orang utusan secara sulit kepada semua suku Israel dengan pesan, “Sebaik sahaja kamu mendengar bunyi sangkakala, berserulah, ‘Absalom sudah bertakhta di Hebron!’ ”¹¹ Absalom pergi dengan disertai oleh dua ratus orang dari Yerusalem. Mereka itu para undangan yang pergi dengan tulus hati, tanpa mengetahui apa-apa.¹² Ketika Absalom mempersembahkan

korban sembelihan, dia menyuruh orang untuk memanggil Ahitofel, orang Gilo, penasihat Daud yang berasal dari Kota Gilo. Semakin kuat komplot semakin ramai warga yang mengikuti Absalom.

Raja Daud melarikan diri dari Yerusalem

¹³ Kemudian seorang utusan datang menemui Daud dan berkata, “Kini hati orang Israel sudah berpihak kepada Absalom.”

¹⁴ Lalu berkatalah Daud kepada semua pegawai yang menyertainya di Yerusalem, “Bersiaplah, mari kita melarikan diri. Jika tidak, tentu tiada seorang pun akan terlepas daripada Absalom. Cepatlah pergi, supaya jangan dia memotong kita dengan segera lalu menghancurkan kita dan membunuh penduduk kota ini dengan mata pedang.”

¹⁵ Para pegawai raja berkata kepada raja, “Sesungguhnya, hamba-hambamu siap sedia melaksanakan apa-apa sahaja yang diputuskan oleh Tuanku Raja.” ¹⁶ Kemudian keluarlah raja, dan seisi istananya pun mengikutinya. Raja meninggalkan sepuluh orang gundiknya untuk menunggu istana.

¹⁷ Dengan diikuti serombongan orang, keluarlah raja. Lalu mereka berhenti berdekatan dengan rumah yang terjauh dari pusat kota. ¹⁸ Seluruh

pegawainya, juga seluruh orang Kreti dan orang Pleti, berjalan di kiri kanannya. Selain itu, seluruh orang Gat yang seramai enam ratus orang itu, mengikutinya dari Gat berjalan di hadapan raja. ¹⁹ Kemudian berkatalah raja kepada Itai, orang Gat, “Mengapakah engkau juga berjalan bersama-sama kami? Kembalilah dan tinggallah dengan raja itu, kerana engkau ini orang asing dan juga orang buangan. Kembalilah ke tempatmu. ²⁰ Baru semalam engkau datang, masakan pada hari ini aku membawa engkau mengembara bersama kami? Padahal aku harus pergi entah ke mana. Kembalilah dan bawalah para saudaramu pulang. Semoga kasih abadi dan kesetiaan menyertai engkau.”

²¹ Tetapi Itai menjawab raja demikian, “Demi Tuhan yang hidup dan demi hidup Tuanku Raja, sesungguhnya di mana-mana sahaja Tuanku Raja berada, baik hidup mahupun mati, di situ pulalah hambamu akan berada.”

²² Kata Daud kepada Itai, “Kalau begitu, berjalanlah terus.” Maka berjalanlah Itai, orang Gat itu, dengan semua orangnya dan semua kanak-kanak yang menyertainya. ²³ Seluruh penduduk negeri menangis dengan suara nyaring ketika seluruh rombongan itu berlalu. Raja dan seluruh rombongannya menyeberangi Sungai Kidron untuk menuju jalan ke gurun.

²⁴ Zadok dan semua orang Lewi yang menyertainya ada juga di sana. Mereka mengusung tabut perjanjian Allah. Selain itu, Abyatar juga datang. Kemudian tabut Allah itu diletakkan mereka ke bawah sampai seluruh rakyat selesai menyeberang dan berada jauh dari kota itu. ²⁵ Kemudian raja berkata kepada Zadok, “Bawalah tabut Allah itu kembali ke dalam kota. Jika Tuhan berkenan padaku, tentu aku akan dibawa-Nya kembali dan diizinkan melihat tabut itu lagi serta tempat kediaman-Nya. ²⁶ Tetapi jika dia berfirman begini, ‘Aku tidak berkenan padamu,’ maka sesungguhnya aku ikhlas. Biarlah dilakukan-Nya terhadap aku apa yang dipandang-Nya baik.” ²⁷ Kata raja lagi kepada Imam Zadok, “Bukankah engkau melihat itu? Kembalilah ke dalam kota dengan selamat berserta kedua-dua anak kamu, yaitu Ahimaas, anakmu, dan Yonatan anak Abyatar. ²⁸ Amat-amatilah! Aku akan menanti di tempat-tempat penyeberangan sungai di gurun, sampai datang khabar daripada kamu memberitahu aku.” ²⁹ Zadok dan Abyatar pun membawa tabut Allah kembali ke Yerusalem, lalu mereka tinggal di sana.

³⁰ Kemudian Daud mendaki tanjakan Bukit Zaitun. Sambil mendaki dia menangis. Dia berjalan dengan kepala berselubung dan berkaki ayam. Seluruh rakyat yang menyertainya pun

menyelubungi kepala masing-masing dan berjalan mendaki sambil menangis. ³¹ Lalu kepada Daud dikhabarkan demikian, “Ahitofel ada antara kalangan yang bersekongkol dengan Absalom.” Maka berkatalah Daud, “Ya Tuhan, semoga Engkau gagalkanlah segala nasihat Ahitofel.”

³² Pada waktu Daud sampai di puncak bukit, di tempat orang biasa menyembah Allah, tampaklah Husai, orang Arki, datang menemuinya dengan baju terkoyak-koyak dan dengan debu tanah di kepalanya. ³³ Kata Daud kepadanya, “Jika engkau berjalan bersamaku, engkau akan menjadi beban bagiku. ³⁴ Tetapi jika engkau kembali ke kota dan berkata kepada Absalom, ‘Aku hendak menjadi hambamu, ya Raja. Sebagaimana dahulu aku menjadi hamba ayah tuanku, demikianlah sekarang aku hendak menjadi hamba tuanku,’ maka engkau akan dapat membatalkan nasihat Ahitofel demi aku. ³⁵ Bukankah Zadok dan Abyatar, para imam itu, ada bersertamu di sana? Jadi, beritahulah Zadok dan Abyatar, para imam itu, khabar apa-apa pun yang kaudengar dari istana raja. ³⁶ Kedua-dua orang anak mereka, iaitu Ahimaas anak Zadok dan Yonatan anak Abyatar, ada pula di sana bersama-sama mereka. Dengan perantaraan

merekalah kamu harus mengirimmkan kepadaku semua khabar yang kamu dengar.”

³⁷ Husai, sahabat Daud itu, sampai di Yerusalem pada waktu Absalom sedang memasuki kota itu.

Raja Daud bertemu dengan Ziba

16 ¹ Belum seberapa jauh Daud berlalu di puncak bukit itu, tampaklah Ziba, hamba Mefiboset, menyongsongnya dengan membawa sepasang keldai berpelana yang bermuatan dua ratus ketul roti, seratus buah kuih kismis, seratus buah-buahan musim panas, dan sebuah kantung kulit berisi air anggur. ² Lalu bertanyalah raja kepada Ziba, “Apakah maknanya dengan semua ini?”

Jawab Ziba, “Keldai ini untuk ditunggangi oleh keluarga raja, roti dan buah-buahan musim panas ini untuk dimakan oleh anak-anak muda itu, dan air anggur ini untuk diminum oleh orang yang keletihan di gurun.”

³ Tanya raja, “Di manakah anak tuanmu?”

Jawab Ziba kepada raja, “Dia tinggal di Yerusalem, kerana katanya, ‘Pada hari ini keturunan kaum Israel akan mengembalikan kepadaku kerajaan ayahku.’ ”

⁴ Lalu kata raja kepada Ziba, “Sekarang, segala milik Mefiboset ialah milikmu.”

Jawab Ziba, “Hamba bersujud. Semoga hamba selalu mendapat restu Tuanku Raja.”

Simei mengutuk Raja Daud

⁵ Setibanya Raja Daud di Bahurim, keluarlah dari sana seorang daripada kaum keluarga Saul, bernama Simei anak Gera. Dia mengutuk terus-menerus sambil berjalan dekat. ⁶ Dia melempari Daud dan semua pegawai Raja Daud dengan batu, walaupun seluruh pasukan dan semua kesateria berada di kanan kiri Daud. ⁷ Beginilah perkataan Simei ketika dia mengutuk, “Nyahlah, nyahlah, wahai penumpah darah, wahai penjahat! ⁸ Tuhan membalas kepadamu seluruh darah keluarga Saul yang kaugantikan sebagai raja. Tuhan telah menyerahkan kerajaan itu ke dalam tangan Absalom, anakmu. Sesungguhnya, engkau termakan oleh kejahatanmu sendiri, kerana engkau seorang penumpah darah.”

⁹ Kemudian Abisai anak Zeruya berkata kepada raja, “Mengapakah anjing mati ini harus mengutuk Tuanku Raja? Izinkan hamba menyeberang dan memenggal kepalanya!”

¹⁰ Tetapi kata raja, “Apakah sangkut-paut aku dengan kamu, wahai anak-anak Zeruya? Biarlah dia mengutuk! Sebab apabila Tuhan

berfirman kepadanya, 'Kutuklah Daud!' siapa yang dapat berkata, 'Mengapakah engkau berbuat demikian?' " ¹¹ Kata Daud pula kepada Abisai dan kepada semua pegawainya, "Anak kandungku sendiri pun mengancam nyawaku, apatah lagi sekarang orang Benyamin ini. Biarkanlah dia, dan biarkan dia mengutuk, kerana Tuhan telah menyuruhnya demikian. ¹² Mudah-mudahan Tuhan memperhatikan kesusahanku, dan membalasnya dengan kebaikan sebagai ganti kutukan yang kuterima pada hari ini." ¹³ Kemudian berjalanlah Daud dan orangnya melalui jalan itu, sementara Simei berjalan di lereng bukit yang bertentangan dengannya. Sambil berjalan dia mengutuk, melempari Daud dengan batu, dan menghamburkan debu. ¹⁴ Kemudian dalam keadaan lelah, tibalah raja dan kesemua rakyat yang menyertainya di tempat tujuan. Di sana berehatlah Daud.

Absalom memasuki Yerusalem

¹⁵ Absalom dan seluruh rakyat, iaitu orang Israel, tiba di Yerusalem. Ahitofel juga ada bersamanya. ¹⁶ Kemudian Husai, orang Arki, sahabat Daud itu, datang menghadap Absalom. Kata Husai kepada Absalom, "Hidup sang raja! Hidup sang raja!"

¹⁷ Lalu kata Absalom kepada Husai, “Inikah kesetiaanmu kepada sahabatmu? Mengapakah engkau tidak pergi bersama sahabatmu itu?”

¹⁸ Jawab Husai kepada Absalom, “Tidak! Sesiapa yang dipilih oleh Tuhan, oleh umat ini, dan oleh semua orang Israel, dialah yang memiliki hamba dan hamba akan tinggal bersamanya. ¹⁹ Apatah lagi, kepada siapakah hamba patut mengabdikan diri? Bukankah kepada anaknya? Sebagaimana hamba telah mengabdikan diri kepada ayah tuanku, demikianlah hamba akan mengabdikan diri kepada tuanku.”

²⁰ Setelah itu, berkatalah Absalom kepada Ahitofel, “Berilah kami nasihatmu. Apa yang harus kita lakukan?”

²¹ Jawab Ahitofel kepada Absalom, “Hampirilah para gundik ayah tuanku yang ditinggalkannya untuk menunggu istana. Apabila semua orang Israel mendengar bahawa tuanku dibenci oleh ayah tuanku kerana perbuatan tuanku, maka semua orang yang menyertai tuanku akan dikuatkan keyakinan mereka.” ²² Maka sebuah khemah dibentangkan bagi Absalom di atap istana, lalu Absalom menghampiri gundik-gundik ayahnya di hadapan mata semua orang Israel.

²³ Pada masa itu nasihat Ahitofel seolah-olah dianggap sama dengan petunjuk Allah. Begitulah Daud ataupun Absalom memandang setiap nasihat Ahitofel.

Husai menyelamatkan Raja Daud

17 ¹ Ahitofel berkata kepada Absalom, “Izinkanlah aku memilih dua belas ribu orang, maka aku akan bersiap dan mengejar Daud malam ini juga. ² Aku akan mendatangnya ketika dia penat dan tidak berdaya. Aku akan mengejutkannya, sehingga seluruh rakyat yang ada bersamanya akan melarikan diri. Hanya raja sahaja yang akan kubunuh, ³ manakala seluruh rakyat itu akan kubawa pulang kepada tuanku seperti pengantin perempuan dibawa kepada suaminya. Tuanku hanya mencari seorang sahaja, bukan? Oleh itu, seluruh rakyat dapat pulang dengan selamat.” ⁴ Saranan itu dipandang baik oleh Absalom dan oleh semua tua-tua Israel.

⁵ Namun demikian, setelah itu Absalom berkata, “Panggillah pula Husai, orang Arki itu, biar kita dengar juga apa yang akan dikatakannya.”

⁶ Ketika Husai masuk menghadap Absalom, berkatalah Absalom kepadanya, “Demikianlah yang dicadangkan Ahitofel. Patutkah kita ikut cadangannya itu? Jika tidak, cakaplah sahaja!”

⁷ Lalu kata Husai kepada Absalom, “Kali ini nasihat yang diberikan Ahitofel itu tidak baik.”

⁸ Kata Husai pula, “Tuanku tahu bahawa ayah Tuanku dan anak buahnya itu memang kesateria, dan mereka sedang panas hati seperti seekor beruang yang kehilangan anaknya di padang. Apatah lagi, ayah tuanku sememangnya seorang pejuang. Tentunya dia tidak akan bermalam bersama-sama rakyat, ⁹ melainkan sedang bersembunyi di suatu lubang atau di suatu tempat yang lain. Jadi, jika pada serangan awal ada beberapa orang yang tewas, maka sesiapa pun yang mendengarnya akan berkata, ‘Pasukan yang mengikuti Absalom sudah kalah.’ ¹⁰ Oleh itu, orang yang gagah perkasa pun, yang hati seperti hati singa, akan menjadi takut, kerana semua orang Israel tahu bahawa ayah tuanku memang seorang kesateria dan para anak buahnya juga kalangan yang gagah perkasa. ¹¹ Oleh sebab itu aku menasihatkan supaya semua orang Israel yang ramainya bagaikan pasir di tepi laut, tersebar dari Dan ke Bersyeba, dipanggil untuk bergabung dengan tuanku. Kemudian tuanku sendiri harus pergi bertempur. ¹² Kita akan mendatangi dia di tempat mana-mana pun dia berada, lalu kita akan menyergapnya sehingga dia menjadi seperti embun yang jatuh ke bumi. Tidak ada seorang pun yang tertinggal akan hidup, baik

dia mahupun semua orang yang menyertainya.

¹³ Jika dia masuk ke dalam sebuah kota, semua orang Israel akan memasang tali pada kota itu lalu kita akan menyeretnya ke sungai, sehingga sebutir batu kecil pun tidak terdapat lagi di sana.”

¹⁴ Kemudian kata Absalom dan semua orang Israel, “Nasihat Husai, orang Arki, lebih baik daripada nasihat Ahitofel.” Tuhan memang berketetapan membatalkan nasihat Ahitofel yang baik itu, supaya Tuhan dapat mendatangkan malapetaka kepada Absalom.

¹⁵ Kemudian Husai berkata kepada para imam iaitu Zadok dan Abyatar, “Begitulah yang dinasihatkan Ahitofel kepada Absalom dan para tua-tua Israel, tetapi begini begitulah yang kunasihatkan. ¹⁶ Maka sekarang, suruhlah orang dengan segera memberitahu Daud, ‘Jangan bermalam di tempat-tempat penyeberangan sungai di gurun malam ini, tetapi menyeberanglah segera, supaya jangan raja dan seluruh rakyat yang ada bersamanya dimusnahkan.’ ”

¹⁷ Pada waktu itu Yonatan dan Ahimaas sedang menunggu di En-Rogel. Ada seorang pelayan perempuan yang biasa pergi menyampaikan khabar kepada mereka, dan kemudian mereka akan pergi untuk memberitahu khabar itu kepada Raja Daud, kerana mereka tidak boleh terlihat

masuk ke dalam kota. ¹⁸ Namun demikian, kali itu ada seorang pemuda yang melihat mereka lalu melaporkannya kepada Absalom. Oleh itu, Yonatan dan Ahimaas segera pergi, lalu sampai di rumah seseorang di Bahurim yang mempunyai perigi di halamannya. Mereka pun turun ke dalam perigi itu. ¹⁹ Kemudian isteri orang itu mengambil kain penutup. Dibentangkannya kain itu di mulut perigi, lalu ditebarkannya butir-butir gandum di atasnya. Tidak ada orang yang mengetahui hal itu.

²⁰ Ketika anak buah Absalom datang kepada perempuan di rumah itu, bertanyalah mereka, “Di manakah Ahimaas dan Yonatan?”

Jawab perempuan itu kepada orang itu, “Mereka sudah menyeberangi sungai.” Kemudian mereka mencari-cari, tetapi tidak dapat menemukan kedua-dua orang itu. Maka kembalilah mereka ke Yerusalem. ²¹ Setelah orang itu pergi, kedua-duanya pun keluar dari dalam perigi, lalu pergi menyampaikan khabar itu kepada Raja Daud. Kata mereka kepada Daud, “Bersiaplah, tuanku, dan seberangilah sungai ini dengan segera, kerana begini begitulah yang dinasihatkan Ahitofel mengenai tuanku.”

²² Kemudian bersiaplah Daud dan segenap rakyat yang menyertainya, lalu mereka menyeberangi Sungai Yordan. Pada waktu fajar menyingsing

tidak ada seorang pun yang tertinggal, yang belum menyeberangi Sungai Yordan.

²³ Sementara itu, setelah Ahitofel melihat bahawa nasihatnya tidak dituruti, dia pun memasang pelana keldainya, bersiap-siap, lalu pulang ke rumahnya, ke kotanya. Dia membereskan urusan rumah tangganya, kemudian menggantung diri dan mati. Lalu dia dikebumikan di dalam kubur ayahnya.

²⁴ Daud sampai ke Mahanaim. Sementara itu Absalom menyeberangi Sungai Yordan dengan semua orang Israel yang menyertainya.

²⁵ Absalom telah mengangkat Amasa untuk mengepalai tentera sebagai ganti Yoab. Amasa ialah anak Yitra, seorang Ismael^w yang memperisteri Abigail anak Nahas, saudara perempuan Zeruya, ibu Yoab. ²⁶ Lalu orang Israel dan Absalom berkhemah di Tanah Gilead.

²⁷ Ketika Daud tiba di Mahanaim, datanglah Sobi anak Nahas dari Raba, kota bani Amon, bersama Makhir anak Amiel dari Lodebar, dan Barzilai, orang Gilead dari Rogelim. ²⁸ Mereka membawa tempat tidur, mangkuk, periuk belanga, juga gandum, barli, tepung, emping, kacang hijau, kacang merah, ²⁹ madu, dadih,

^w**17:25** Ada terjemahan menyebut 'seorang Ismael' sebagai seorang warga Israel.

domba dan keju daripada lembu untuk dimakan oleh Daud serta rakyat yang menyertainya, kerana kata mereka, “Rakyat tentunya berasa lapar, lelah dan haus di gurun.”

Absalom terbunuh

18 ¹ Daud mengumpulkan warga yang berada bersama-samanya, lalu melantik pemimpin pasukan seribu dan pemimpin pasukan seratus ke atas mereka. ² Kemudian Daud mengerahkan pasukan itu, sepertiga di bawah perintah Yoab, sepertiga di bawah perintah Abisai anak Zeruya, adik Yoab, dan sepertiga lagi di bawah perintah Itai, orang Gat. Lalu berkatalah raja kepada pasukan itu, “Aku juga akan mara bersama-sama kamu.”

³ Tetapi jawab pasukan itu, “Janganlah tuanku mara bersama-sama, kerana jika kami harus melarikan diri, mereka tidak akan menghiraukan kami. Bahkan jika separuh daripada kami gugur sekalipun, mereka tidak akan menghiraukan kami. Akan tetapi, tuanku ini senilai sepuluh ribu orang daripada kami. Maka sekarang, lebih baik tuanku membantu kami dari dalam kota.”

⁴ Kemudian kata raja kepada mereka, “Apa yang kamu pandang baik akan kulakukan.” Lalu berdirilah raja di samping pintu gerbang, sementara seluruh pasukan itu keluar, beratus-

ratus dan beribu-ribu orang. ⁵ Raja sempat memberikan amanat kepada Yoab, Abisai, dan Itai demikian, “Perlakukanlah Absalom, anak muda itu, dengan lembut demi aku.” Seluruh pasukan mendengar ketika raja memberikan amanat mengenai Absalom itu kepada semua pemimpin pasukan.

⁶ Lalu pasukan itu mara ke padang untuk menghadapi orang Israel, dan terjadilah peperangan di hutan Efraim. ⁷ Di sana pasukan Israel dikalahkan di hadapan anak buah Daud, dan pada hari itu terjadilah pertumpahan darah besar-besaran dengan tertumpasnya dua puluh ribu orang. ⁸ Peperangan itu pun meluas dari sana ke seluruh daerah itu, dan pada hari itu hutan memakan lebih ramai orang daripada pedang.

⁹ Kemudian bertemulah Absalom dengan anak-anak buah Daud. Pada waktu itu Absalom sedang menunggang seekor baghal. Ketika baghal itu sampai di bawah jalinan dahan sebuah pokok oak yang besar, kepala Absalom tersangkut pada pokok oak itu. Dia tergantung di antara langit dengan bumi, sedangkan baghal yang ditunggangnya terus berlari. ¹⁰ Seseorang melihat hal itu lalu memberitahukannya kepada Yoab, katanya, “Ketahuilah, hamba melihat Absalom tergantung di pokok oak.”

¹¹ Kata Yoab kepada orang yang memberitahukan hal itu kepadanya, “Apa? Engkau melihat dia? Mengapakah tidak kaubunuh dia di tempat itu juga? Seharusnya sudah kuberikan kepadamu sepuluh syikal perak dan sebuah ikat pinggang.”

¹² Tetapi kata orang itu kepada Yoab, “Sekalipun hamba mendapat seribu syikal perak di tangan hamba, hamba tidak mahu mencederakan anak raja, kerana kami sekalian mendengar raja yang memberikan amanat kepada tuan, kepada Abisai, dan kepada Itai demikian, ‘Lindungilah Absalom, anak muda itu, demi aku.’” ¹³ Sebaliknya, jika hamba berbuat khianat terhadap nyawanya, sementara tidak ada satu hal pun yang tidak akan diketahui oleh raja, maka tuan sendiri tidak akan mendekati hamba.”

¹⁴ Kata Yoab, “Aku tidak mahu membuang waktu begini denganmu!” Lalu dibawanya tiga batang lembing di tangannya dan ditikamkannya hingga tembus ke jantung Absalom sewaktu dia masih hidup dan tergantung di pokok oak itu.

¹⁵ Kemudian sepuluh pelayan pembawa senjata Yoab mengelilingi Absalom, lalu mengajar^x dan menewaskan dia.

^x**18:15** Mengajar: Memukul demi menghukum atau membinasakan.

¹⁶ Setelah itu, Yoab meniup sangkakala. Seluruh pasukan pun berhenti mengejar orang Israel, kerana Yoab menahan mereka. ¹⁷ Kemudian mereka mengangkut jenazah Absalom dan mencampakkannya ke dalam sebuah lubang besar di hutan itu. Lalu di atasnya didirikan mereka suatu timbunan batu yang amat besar. Sementara itu semua orang Israel melarikan diri, masing-masing ke khemahnya.

¹⁸ Ketika masih hidup, Absalom pernah mengangkut dan mendirikan sebuah tugu baginya yang terletak di Lembah Raja, kerana katanya, “Aku tidak mempunyai anak lelaki untuk menegakkan namaku.” Maka dinamainya tugu itu berdasarkan namanya sendiri. Sampai hari ini tugu itu disebut Tugu Peringatan Absalom.

Berita kematian Absalom disampaikan kepada Raja Daud

¹⁹ Kemudian Ahimaas anak Zadok berkata, “Izinkanlah hamba berlari dan membawa khabar baik ini kepada raja, bahawa Tuhan telah membebaskan baginda daripada musuh-musuhnya.”

²⁰ Tetapi kata Yoab kepadanya, “Bukan engkau yang akan membawa khabar pada hari ini. Pada hari lain engkau boleh membawa khabar, tetapi hari ini engkau tidak akan membawa khabar,

kerana anak raja telah mati.”²¹ Lalu Yoab berkata kepada seorang Kush, “Pergilah, beritahulah raja apa yang kaulihat.” Orang Kush itu pun memberi hormat kepada Yoab, lalu berlari.

²² Akan tetapi, Ahimaas anak Zadok berkata sekali lagi kepada Yoab, “Apa-apa pun yang terjadi, izinkanlah hamba juga berlari mengikuti orang Kush itu.”

Tanya Yoab, “Mengapa engkau ingin berlari juga, anakku, padahal engkau tidak akan mendapat upah dengan membawa khabar itu?”

²³ Jawabnya, “Apa pun yang terjadi, hamba tetap mahu berlari.” Maka kata Yoab kepadanya, “Larilah!” Kemudian berlarilah Ahimaas melalui jalan di lembah, sehingga dia mendahului orang Kush itu.

²⁴ Ketika itu Daud sedang duduk di antara kedua-dua pintu gerbang, sementara penjaga naik ke atap pintu gerbang yang berada dekat dengan tembok. Ketika dia melayangkan pandangan dan mengamati-amati, tampaklah ada orang berlari-lari sendirian.²⁵ Penjaga itu pun berseru dan memberitahu raja.

Lalu kata raja, “Jika dia seorang diri, tentu dia menyampaikan khabar baik.” Orang itu semakin lama semakin dekat.

²⁶ Kemudian penjaga itu melihat seorang lain lagi yang berlari-lari. Lalu berserulah penjaga

itu kepada penunggu pintu, katanya, “Lihat, ada orang lain lagi berlari-lari sendirian!”

Kata raja, “Dia juga membawa khabar baik.”

²⁷ Kata penjaga itu lagi, “Menurut hamba gaya berlari orang yang pertama itu seperti gaya berlari Ahimaas anak Zadok.”

Kata raja, “Dia orang baik, tentu dia membawa khabar baik.”

²⁸ Kemudian berserulah Ahimaas kepada raja, katanya, “Selamat!” Lalu dia sujud dan memberi hormat kepada raja. Katanya, “Segala puji bagi Tuhan, Allah tuanku, yang telah menyerahkan orang yang berniat menghancurkan Tuanku Raja.”

²⁹ Tanya raja, “Adakah Absalom, anak muda itu, selamat?”

Jawab Ahimaas, “Ketika Yoab menyuruh pergi hamba Raja, iaitu hambamu ini, hamba melihat huru-hara yang besar, tetapi hamba tidak tahu apakah yang berlaku itu.”

³⁰ Kata raja, “Menyingkirlah, berdiri di sini.” Lalu Ahimaas menyingkir ke samping dan tetap berdiri.

³¹ Kemudian datanglah orang Kush itu. Kata orang Kush itu, “Khabar baik, Tuanku Raja, kerana pada hari ini Tuhan telah membebaskan tuanku daripada semua orang yang bangkit menentang tuanku.”

³² Lalu tanya raja kepada orang Kush itu, “Selamatkah Absalom, anak muda itu?” Jawab orang Kush itu, “Biarlah musuh-musuh Tuanku Raja dan semua orang yang bangkit menentang tuanku untuk berbuat jahat menjadi sama seperti anak muda itu.”

³³ Maka hancurlah hati raja. Dia naik ke ruangan yang terletak di atas pintu gerbang itu lalu meratap. Sambil berjalan dia berkata begini, “Oh, puteraku Absalom! Puteraku, puteraku Absalom! Kalau sahaja aku yang mati menggantikan engkau, Absalom, puteraku, puteraku!”

Yoab menegur Raja Daud

19 ¹ Lalu kepada Yoab dikhabarkan, “Ketahuilah, raja meratap dan berkabung kerana Absalom.” ² Maka pada hari itu kemenangan berubah menjadi perkabungan bagi seluruh pasukan kerana pasukan mendengar orang berkata, “Raja berdukacita kerana puteranya.” ³ Jadi, pada hari itu umat memasuki kota secara diam-diam, seperti umat yang malu setelah melarikan diri daripada peperangan. ⁴ Raja menyelubungi mukanya, lalu meratap dengan suara nyaring, “Oh, puteraku Absalom! Oh, Absalom, puteraku, puteraku!”

⁵ Kemudian masuklah Yoab ke dalam rumah menghadap raja dan berkata, “Pada hari ini

tuanku mencoreng muka semua hamba tuanku yang telah membebaskan nyawa tuanku dan juga nyawa anak-anak lelaki dan perempuan tuanku, nyawa para isteri tuanku, serta nyawa para gundik tuanku, ⁶ dengan mengasihi orang yang membenci tuanku dan membenci orang yang mengasihi tuanku. Pada hari ini tuanku menyatakan bahawa para pemimpin dan pegawai tidak bererti apa-apa bagi tuanku. Bahkan pada hari ini hamba tahu bahawa sekiranya Absalom masih hidup dan kami semua mati pada hari ini, maka hal itu pun akan dipandang baik oleh tuanku. ⁷ Maka sekarang, hendaklah tuanku bangun, lalu keluar dan berbicara menenangkan hati hamba-hamba tuanku. Hamba bersumpah demi Tuhan, jika tuanku tidak keluar, maka tidak ada seorang pun yang akan tinggal bersama tuanku malam ini, dan hal itu akan menjadi hal yang terburuk bagi tuanku berbanding dengan segala malapetaka yang pernah menimpa tuanku sejak masa kecil tuanku sampai sekarang ini.” ⁸ Kemudian bangunlah raja lalu duduk di pintu gerbang. Maka kepada seluruh rakyat dikhabarkan demikian, “Ketahuilah, raja duduk di pintu gerbang.” Lalu datanglah seluruh rakyat menghadap raja.

Raja Daud kembali ke Yerusalem

Sementara itu orang Israel telah melarikan diri ke rumah masing-masing. ⁹ Seluruh rakyat antara semua suku Israel berbantah-bantah, kata mereka, “Rajalah yang melepaskan kita daripada cengkaman musuh-musuh kita dan bagindalah yang membebaskan kita daripada cengkaman orang Filistin. Tetapi sekarang, baginda melarikan diri dari negeri ini kerana Absalom, ¹⁰ sedangkan Absalom yang telah kita tahbiskan untuk memerintah kita sudah mati dalam peperangan. Maka sekarang, mengapakah kamu berdiam diri sahaja dalam hal membawa raja kembali?”

¹¹ Pesan semua orang Israel itu pun sampai kepada raja di kediamannya. Kemudian Raja Daud menyuruh orang untuk menemui para imam iaitu Zadok dan Abyatar, dengan pesan, “Katakanlah kepada para tua-tua Yehuda demikian, ‘Mengapa kamu menjadi yang terakhir dalam hal membawa raja kembali ke istananya?’

¹² Kamu saudara-saudaraku, dan kamu darah dagingku. Lalu mengapa kamu menjadi yang terakhir dalam hal membawa raja kembali?’

¹³ Kepada Amasa haruslah kamu katakan, ‘Bukankah engkau darah dagingku? Biarlah Allah menjatuhkan azab kepadaku, bahkan

lebih lagi, jika engkau tidak kujadikan panglima tenteraku untuk seterusnya sebagai ganti Yoab.’”¹⁴ Demikianlah Daud mengambil hati semua orang Yehuda, sehingga mereka itu sehati sejiwa. Kemudian mereka mengutus orang untuk menyampaikan pesan ini kepada raja, “Silakan tuanku kembali bersama-sama semua anak buah tuanku.”

¹⁵ Maka kembalilah Raja Daud, lalu sampai di Sungai Yordan. Sementara itu orang Yehuda datang ke Gilgal untuk menyongsong raja dan membawa raja untuk menyeberangi Sungai Yordan.

Raja Daud mengampuni para musuhnya

¹⁶ Simei anak Gera, orang Benyamin yang berasal dari Bahurim itu, datang tergesa-gesa bersama orang Yehuda untuk menyongsong Raja Daud. ¹⁷ Bersama-sama dia ada seribu orang Benyamin dan juga Ziba, pelayan keluarga Saul itu, beserta lima belas anak lelakinya dan dua puluh hambanya. Mereka menyeberangi Sungai Yordan untuk mendahului raja, ¹⁸ lalu mereka menanti di tempat penyeberangan untuk membantu keluarga raja dan untuk melakukan apa yang dipandanginya baik.

Simei anak Gera sujud di hadapan raja setelah baginda menyeberangi Sungai Yordan, ¹⁹ dan berkata kepada raja, “Janganlah tuanku perhitungkan kesalahan hamba, dan janganlah ingat-ingat akan perbuatan hamba yang jahat pada hari Tuanku Raja keluar dari Yerusalem, lalu menyimpannya dalam hati. ²⁰ Hambamu ini menyadari bahawa hamba telah berdosa. Oleh sebab itu lihatlah, pada hari ini hambalah yang pertama sekali datang daripada semua keturunan Yusuf untuk menyongsong Tuanku Raja.”

²¹ Akan tetapi, Abisai anak Zeruya berkata, “Bukankah Simei patut dihukum mati kerana dia telah mengutuk orang yang dilantik Tuhan?”

²² Kata Daud, “Apakah sangkut-paut aku dengan kamu, wahai anak-anak Zeruya, sehingga pada hari ini kamu menjadi lawanku? Patutkah pada hari ini ada orang yang dihukum mati di Israel? Bukankah pada hari ini akulah raja atas orang Israel?” ²³ Kemudian kata raja kepada Simei, “Engkau tidak akan mati.” Lalu raja bersumpah kepadanya.

Mefiboset menyongsong Raja Daud

²⁴ Cucu Saul, Mefiboset, juga datang menyongsong raja. Dia tidak membersihkan kakinya, tidak mencukur janggutnya, dan tidak mencuci pakaiannya sejak raja pergi sehingga raja pulang dengan selamat. ²⁵ Sesampainya dia di Yerusalem untuk menyongsong raja, bertanyalah raja kepadanya, “Mengapakah engkau tidak pergi bersama-samaku, Mefiboset?”

²⁶ Jawabnya, “Ya Tuanku Raja, hambamu ini telah diperdaya oleh Ziba. Kerana hambamu ini tempang, hamba berkata, ‘Pakaikan pelana pada seekor keldai bagiku. Aku akan menungganginya dan pergi bersama-sama raja. ²⁷ Tetapi dia memfitnah hambamu ini di hadapan Tuanku Raja. Meskipun demikian, Tuanku Raja adalah seperti malaikat Allah. Biarlah tuanku melakukan apa yang baik di mata tuanku, ²⁸ kerana sesungguhnya seluruh kaum keluarga hamba hanyalah orang yang patut dihukum mati di hadapan Tuanku Raja, namun tuanku telah menempatkan hambamu ini antara orang yang makan di meja tuanku. Hak apakah yang masih ada pada hamba untuk mengajukan tuntutan kepada Raja?”

²⁹ Kata raja kepadanya, “Apakah gunanya engkau berkata-kata lagi tentang urusanmu? Inilah perintahku: engkau dan Ziba harus membahagi-bahagikan ladang itu.”

³⁰ Kata Mefiboset kepada raja, “Ah, kerana Tuanku Raja sudah pulang ke istana dengan selamat; biarlah dia mengambil semuanya.”

Barzilai turut dengan Raja Daud

³¹ Barzilai, orang Gilead itu, juga datang dari Rogelim. Dia turut menyeberangi Sungai Yordan bersama-sama raja demi menghantarnya sampai ke seberang sungai. ³² Pada waktu itu Barzilai sudah sangat tua, usianya lapan puluh tahun. Selama raja tinggal di Mahanaim, dia menyediakan keperluan baginda, kerana dia seorang yang sangat kaya. ³³ Kata raja kepada Barzilai, “Menyeberanglah bersamaku. Aku akan menyediakan segala keperluanmu bersamaku di Yerusalem.”

³⁴ Kata Barzilai kepada raja, “Berapa lamakah lagi hamba hidup, sehingga hamba harus pergi bersama Raja ke Yerusalem? ³⁵ Umur hamba sekarang ini lapan puluh tahun. Masihkah hamba dapat membezakan antara yang baik dengan yang jahat? Masihkah hambamu ini

dapat mengecap apa yang hamba makan atau apa yang hamba minum? Masihkah hamba dapat mendengar suara penyanyi lelaki atau penyanyi perempuan? Mengapakah pula hambamu ini harus membebani Tuanku Raja lagi? ³⁶ Hanya sedikit sahaja hambamu ini berjalan untuk menyertai tuanku menyeberangi Sungai Yordan, lalu mengapakah Raja harus memberi hamba ganjaran yang sedemikian? ³⁷ Izinkanlah hambamu ini pulang, supaya hamba dapat mati di kota hamba sendiri, dan dimakamkan di sisi ayah serta ibu hamba. Namun demikian, inilah hambamu Kimham. Izinkanlah dia menyeberang bersama Tuanku Raja dan lakukanlah terhadapnya apa yang dipandang baik oleh tuanku.”

³⁸ Kata raja, “Kimham akan menyeberang bersamaku dan aku akan melakukan apa yang kaupandang baik terhadap dia. Apa-apa pun yang kaukehendaki daripadaku, akan kulakukan untukmu.” ³⁹ Kemudian seluruh rakyat itu menyeberangi Sungai Yordan bersama raja. Raja mencium Barzilai dan memohonkan berkat baginya, lalu pulanglah Barzilai ke tempatnya.

Pertengkaran Israel dan Yehuda tentang raja

⁴⁰ Raja berjalan terus ke Gilgal, sementara Kimham ikut bersamanya. Seluruh rakyat Yehuda,

dan juga separuh rakyat Israel, membawa raja ikut bersama. ⁴¹ Tidak lama kemudian tampaklah seluruh orang Israel datang kepada raja dan berkata kepadanya, “Mengapakah para saudara kami, orang Yehuda, mengiringi tuanku dengan diam-diam lalu menghantar Raja beserta keluarga dan semua orang yang menyertainya ke seberang Sungai Yordan?”

⁴² Jawab kesemua orang Yehuda kepada orang Israel, “Kerana raja sememangnya kerabat dekat kami. Mengapakah kamu marah hanya kerana perkara ini? Adakah kami makan sesuatu atas pembayaran raja? Apakah baginda menganugerahkan sesuatu kepada kami?”

⁴³ Tetapi orang Israel menjawab orang Yehuda, kata mereka, “Kami mempunyai sepuluh bahagian atas raja, dan kami pun lebih berhak atas Daud daripada kamu. Mengapakah kamu memandang rendah terhadap kami? Bukankah kami yang pertama-tama mengusulkan untuk membawa raja kita kembali?”

Namun begitu, kata-kata orang Yehuda lebih keras daripada kata-kata orang Israel.

Pemberontakan Seba

20¹ Kebetulan di sana ada seorang yang rendah akhlak bernama Seba anak Bikri, seorang Benyamin. Dia meniup sangkakala dan berkata, “Kita tidak mendapat bahagian daripada Daud, kita tidak mendapat harta pusaka daripada anak Isai itu! Pulanglah ke khemah masing-masing, wahai orang Israel!”² Maka semua orang Israel berhenti mengikuti Daud, lalu mereka mengikuti Seba anak Bikri. Akan tetapi, orang Yehuda tetap setia mengikuti raja mereka, dari Sungai Yordan ke Yerusalem.

³ Daud pun sampai di istananya, di Yerusalem. Lalu dia mengumpulkan sepuluh orang gundik yang ditinggalkannya untuk menunggui istana, lalu menempatkan mereka di sebuah rumah yang dijaga. Dia menyediakan keperluan mereka, tetapi tidak meniduri mereka. Maka mereka dipencilkan sehingga hari kematian mereka dan mereka hidup seperti balu.

⁴ Kemudian raja berkata kepada Amasa, “Kerahkanlah bagiku orang Yehuda dalam tiga hari dan kamu hadirlah lagi di sini.”⁵ Maka pergilah Amasa mengerahkan orang Yehuda. Akan tetapi, dia berlambat-lambat sehingga

melebihi batas waktu yang ditentukan baginya.

⁶ Lalu kata Daud kepada Abisai, “Sekarang Seba anak Bikri akan mencederakan kita lebih daripada Absalom. Jadi, bawalah hamba-hamba tuanmu dan kejarlah dia, supaya jangan dia merebut kota-kota yang berkubu dan terselamat daripada kita.” ⁷ Lalu keluarlah orang Yoab, orang Kreti, orang Pleti, dan semua kesateria untuk mengikutinya. Mereka keluar dari Yerusalem untuk mengejar Seba anak Bikri. ⁸ Ketika mereka berada dekat dengan batu besar di Gibeon, datanglah Amasa menemui mereka. Pada waktu itu Yoab mengenakan pakaian perang dengan ikat pinggang dan sebilah pedang bersarung yang tersandang di pinggangnya. Ketika dia melangkah maju, pedang itu terjatuh. ⁹ Kata Yoab kepada Amasa, “Engkau sihat, saudaraku?” Lalu Yoab memegang janggut Amasa dengan tangan kanannya untuk mencium dia. ¹⁰ Tetapi Amasa tidak memperhatikan pedang yang ada di tangan kiri Yoab. Lalu Yoab menikamkan pedang itu ke perutnya, sehingga isi perutnya terburai ke tanah. Yoab tidak perlu menikam Amasa lagi kerana dia sudah mati. Setelah itu, Yoab dan Abisai, adiknya, mengejar Seba anak Bikri. ¹¹ Salah seorang anak buah Yoab berdiri di sisi jenazah itu dan berkata, “Sesiapa yang menyukai Yoab dan sesiapa yang memihak kepada Daud,

ikutilah Yoab.”¹² Pada waktu itu Amasa terguling di tengah jalan raya dengan berlumuran darah. Ketika dilihatnya seluruh rakyat masih berdiri di situ, disingkirkannya jenazah Amasa dari jalan raya ke padang, lalu ditutupnya jenazah itu dengan sehelai kain, kerana setiap orang yang berlalu di sampingnya berhenti di situ.¹³ Setelah jenazah itu dipindahkan dari jalan raya, barulah seluruh rakyat berjalan mengikuti Yoab untuk mengejar Seba anak Bikri.

¹⁴ Seba telah melintasi semua daerah suku Israel sampai Abel-Bet-Maakha. Semua orang Bikri telah berkumpul lalu mengikutinya juga.¹⁵ Kemudian datanglah anak buah Yoab mengepungnya di Abel-Bet-Maakha. Mereka mendirikan sebuah benteng di hadapan kota itu sedemikian rupa sehingga benteng itu berada dekat dengan tembok kota. Seluruh pasukan yang menyertai Yoab pun menggempur tembok itu untuk merobohkannya.¹⁶ Kemudian berserulah seorang perempuan yang bijak dari dalam kota itu, “Dengarlah! Dengarlah! Tolong katakan kepada Yoab, ‘Datanglah mendekat ke mari, supaya hamba dapat berbicara dengan tuan.’ ”¹⁷ Ketika Yoab datang mendekat, bertanyalah perempuan itu, “Adakah tuan ini Yoab?”

Jawabnya, “Ya!”

Kata perempuan itu kepadanya, “Dengarlah kata-kata hambamu ini!”

Jawabnya, “Aku dengar!”

¹⁸ Kemudian berbicaralah perempuan itu, katanya, “Pada zaman dahulu orang biasa berkata begini, ‘Mintalah petunjuk di Abel’ dan demikianlah cara mereka menyelesaikan perkara. ¹⁹ Hamba seorang daripada kalangan yang suka akan damai dan setia di Israel. Tuan berikhtiar untuk memusnahkan sebuah kota, iaitu sebuah kota induk di Israel. Mengapakah tuan hendak menelan habis harta pusaka Tuhan?”

²⁰ Lalu Yoab menjawab demikian, “Janganlah, janganlah aku sekali-kali menelan atau memusnahkan! ²¹ Bukan begitu maksudku. Akan tetapi, seorang daripada pergunungan Efraim, namanya Seba anak Bikri, telah berniat menghancurkan Raja Daud. Serahkan sahaja dia, maka aku akan meninggalkan kota ini.”

Kata perempuan itu kepada Yoab, “Baik, kepalanya akan dilemparkan kepada tuan dari tembok ini.” ²² Kemudian pergilah perempuan itu mendapatkan seluruh rakyat secara bijak. Lalu mereka memenggal kepala Seba anak Bikri dan melemparkannya kepada Yoab. Maka Yoab meniup sangkakala, lalu bubarlah mereka dari kota itu dan masing-masing ke khemahnya.

Setelah itu, kembalilah Yoab ke Yerusalem menghadap raja.

²³ Yoab mengepalai seluruh tentera Israel. Benaya anak Yoyada mengepalai orang Kreti dan orang Pleti. ²⁴ Adoram mengepalai para buruh paksa manakala Yosafat anak Ahilud menjadi pencatat sejarah. ²⁵ Seya menjadi jurutulis sementara Zadok dan Abyatar menjadi imam. ²⁶ Ira, orang Yair itu, juga menjadi imam bagi Daud.

Umat Gibeon membalas dendam

21 ¹ Pada zaman Daud berlakulah kebuluran selama tiga tahun berturut-turut. Oleh itu, Daud mencari petunjuk daripada Tuhan. Lalu Tuhan berfirman, “Hal itu berlaku kerana Saul dan keluarganya berhutang darah kerana dahulunya dia pernah membunuh umat Gibeon.”

² Kemudian raja memanggil orang Gibeon untuk berbicara dengan mereka. Orang Gibeon itu tidak termasuk orang Israel, melainkan saki-baki orang Amori. Orang Israel telah mengikat perjanjian dengan bersumpah kepada mereka, tetapi Saul berikhtiar membunuh mereka dengan penuh semangatnya membela kepentingan orang Israel dan Yehuda. ³ Tanya Daud kepada orang Gibeon,

“Apakah yang dapat kulakukan bagimu, dan dengan apa dapat kuadakan perdamaian, supaya kamu dapat memohonkan berkat bagi harta pusaka Tuhan?”

⁴ Jawab orang Gibeon kepadanya, “Perkara yang ada antara kami dengan Saul dan keluarganya bukanlah perkara emas atau perak. Kami pun tidak ada niat membunuh sesiapa di Israel.” Lalu berkatalah Daud, “Apa yang kamu katakan, akan kulakukan bagimu.”

⁵ Kata mereka kepada raja, “Raja Saul hendak membinasakan kami semua supaya kami lenyap dari seluruh Israel. ⁶ Serahkanlah kepada kami tujuh orang anak lelaki orang itu. Kami akan menggantung mereka di hadapan Tuhan di Gibeon, kota Saul, pilihan Tuhan itu.”

Kata raja, “Mereka akan kuserahkan.”

⁷ Tetapi raja berasa sayang kepada Mefiboset anak Yonatan anak Saul, kerana ada sumpah demi Tuhan antara mereka, iaitu antara Daud dengan Yonatan anak Saul. ⁸ Jadi, raja mengambil kedua-dua anak lelaki Rizpa anak Aya yang dilahirkannya bagi Saul, iaitu Armoni dan Mefiboset, dan kelima-lima orang anak lelaki Merab anak Saul yang dilahirkannya bagi Adriel anak Barzilai, orang Mehola itu. ⁹ Diserhkannya

mereka ke tangan orang Gibeon yang seterusnya menggantung mereka di bukit, di hadapan Tuhan. Matilah ketujuh-tujuh orang itu bersama-sama. Mereka dihukum mati pada hari pertama musim menuai, iaitu pada permulaan musim menuai barli.

¹⁰ Kemudian Rizpa anak Aya mengambil kain perkabungan dan membentangkannya bagi dirinya di atas batu pejal. Sejak permulaan musim menuai sampai air hujan tercurah dari langit ke atas jenazah mereka, tidak dibiarkannya burung-burung di udara hinggap ke atas jenazah mereka pada siang hari, ataupun binatang-binatang liar pada malam hari.

¹¹ Ketika diberitahukan kepada Daud apa yang dilakukan oleh Rizpa anak Aya, gundik Saul itu, ¹² pergilah Daud mengambil tulang-belulang Saul dan tulang-belulang Yonatan, anaknya, daripada warga Yabesh-Gilead. Dulu orang Yabesh-Gilead mencuri tulang-tulang itu dari tanah lapang di Bet-Sean, tempat orang Filistin menggantung mereka pada waktu orang Filistin membunuh Saul di Gilboa. ¹³ Dari sana Daud membawa tulang-belulang Saul dan tulang-belulang Yonatan, anaknya. Maka tulang-belulang orang yang digantung itu turut dikumpulkan.

¹⁴ Kemudian tulang-belulang Saul dan Yonatan, anaknya, dikebumikan di Tanah Benyamin, di Zela, dalam kubur Kish, ayahnya. Segala sesuatu yang diperintahkan oleh raja pun dilaksanakan, dan setelah itu Allah mengabulkan doa untuk negeri itu.

Rentetan peperangan melawan orang Filistin

¹⁵ Ketika terjadi lagi peperangan antara orang Filistin dengan orang Israel, berangkatlah Daud bersama anak buahnya. Mereka memerangi orang Filistin sampai Daud menjadi letih lesu.

¹⁶ Yisbi-Benob, seorang daripada keturunan raksasa yang menyandang sebilah pedang baru dan yang berat tombaknya tiga ratus syikal gangsa, bermaksud membunuh Daud. ¹⁷ Tetapi Abisai anak Zeruya datang membantu Daud lalu menyerang^y dan menumpaskan orang Filistin itu. Setelah itu, anak buah Daud mendesaknya, “Jangan lagi tuanku maju berperang bersama-sama kami, supaya jangan tuanku memadamkan pelita yang menerangi Israel.”

¹⁸ Setelah itu, terjadi lagi peperangan dengan orang Filistin di Gob. Pada waktu itu Sibkhai,

^y**21:17** Atau: Mengajar demi membinasakan.

21:17: 1Raj 11:36; Mzm 132:17.

orang Husa, menewaskan Saf, yang termasuk keturunan raksasa.

¹⁹ Kemudian terjadi lagi peperangan dengan orang Filistin di Gob. Elhanan anak Yaare-Oregim, orang Betlehem, menewaskan Goliat, orang Gat, yang batang tombaknya seperti kayu penggulung para tukang tenun.

²⁰ Selanjutnya peperangan terjadi lagi di Gat. Di sana ada seorang yang tinggi perawakannya. Kedua-dua belah tangan dan kakinya berjari enam. Jadi, jarinya berjumlah dua puluh empat. Dia juga termasuk keturunan raksasa. ²¹ Ketika orang itu mencemuh orang Israel, maka Yonatan anak Simea, abang Daud, menewaskannya.

²² Keempat-empat orang itu keturunan raksasa di Gat. Mereka tewas di tangan Daud dan di tangan anak buahnya.

Nyanyian puji syukur Raja Daud

22 ¹ Daud mengucapkan perkataan nyanyian ini kepada Tuhan ketika Tuhan menyelamatkannya daripada cengkaman semua musuhnya dan daripada tangan Saul. ² Dia berkata,

“Tuhan ialah batu pejaluku, kubuku, dan penyelamatku.

³ Allahku batu pejaluku, kepada-Nya aku berlindung.

Dialah perisaiku, tanduk penyelamatanku,
benteng pertahanananku, dan
penyelamatku.

Engkau menyelamatkan aku daripada
keganasan.

⁴ Aku berseru kepada Tuhan yang patut dipuji,
maka aku pun diselamatkan daripada musuhku.

⁵ Sesungguhnya, gelora badai maut
mengepungku,

curahan banjir kebinasaan mengerikanku,

⁶ seksa alam kubur melilit aku,
rahang jerat maut mendesak aku.

⁷ Maka dalam kesesakanku aku berseru kepada
Tuhan,

aku meraung kepada Allahku,
dan Dia mendengar suaraku dari Bait Suci-Nya,
raunganku sampai kepada pendengaran-Nya.

⁸ Maka bumi pun gempa dan gementar,
tapak langit bergegar dan bergoncang; kerana
Dia murka.

⁹ Asap naik daripada hidung-Nya,
dan api daripada mulut-Nya menghanguskan,
dan bara menyala keluar daripada-Nya.

¹⁰ Dia menekuk langit lalu turun,
kelam pekat ada di bawah kaki-Nya.

¹¹ Dia terbang mengenderai malaikat kerubin;
Dia melayang di sayap angin.

- ¹² Dia menjadikan kegelapan di langit di sekeliling-Nya:
diselubungi timbunan air kelam dan awan tebal di udara.
- ¹³ Kerana cahaya di hadapan-Nya,
bara api menyala.
- ¹⁴ Tuhan mengguntur dari langit,
Yang Maha Tinggi memperdengarkan suara-Nya.
- ¹⁵ Dia melepaskan anak-anak panah-Nya
sehingga tercerai-berailah mereka,
iaitu kilat, sehingga kacaulah mereka.
- ¹⁶ Lalu terlihatlah alur-alur laut,
dan alas-alas dunia tersingkap
oleh herdikan Tuhan,
oleh hembusan nafas hidung-Nya.
- ¹⁷ Daripada ketinggian Dia menjangkau dan
mengambil aku,
Dia menarik aku keluar daripada limpahan air.
- ¹⁸ Dia menyelamatkan aku daripada musuhku
yang gagah
dan daripada kalangan yang membenci aku,
kerana mereka terlalu kuat bagiku.
- ¹⁹ Mereka bersemuka dengan aku pada hari
bencanaku,
tetapi Tuhan jualah sandaranku.
- ²⁰ Dia membawa aku keluar, ke tempat yang
lapang,

Dia menyelamatkan aku kerana Dia berkenan padaku.

²¹ Tuhan memperlakukan aku selaras dengan perbenaranku^z.

Dia membalas aku selaras dengan kesucian tanganku,

²² kerana aku tetap mengikuti jalan-jalan Tuhan dan tidak menyeleweng daripada Allahku dengan melakukan kejahatan;

²³ kerana segala hukum-Nya ada di hadapanku, dan aku tidak berpaling daripada ketetapan-ketetapan-Nya.

²⁴ Aku tidak bercela di hadapan-Nya, dan aku menjaga diri daripada kesalahan.

²⁵ Oleh sebab itu Tuhan membalas aku selaras dengan perbenaranku dan selaras dengan kesucianku di hadapan mata-Nya.

²⁶ Kepada orang yang berbelas kasihan, Engkau memperlihatkan belas kasihan-Mu, kepada orang yang tidak bercela,

Engkau memperlihatkan diri-Mu tidak bercela,

²⁷ kepada orang yang suci,

Engkau memperlihatkan kesucian-Mu,

^z**22:21** Istilah 'perbenaran' yang berbeza daripada erti perkataan, 'kebenaran' menggambarkan tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah dan melakukan apa yang benar di sisi-Nya.

kepada orang yang menipu,
Engkau memperlihatkan kearifan-Mu.

²⁸ Umat yang tertindas Kauselamatkan,
tetapi mata-Mu memandang orang yang
berhidung tinggi,
agar mereka Kaurendahkan.

²⁹ Engkaulah pelitaku, ya Tuhan,
dan Tuhan menerangi kegelapanku.

³⁰ Kerana Engkau, aku dapat menerobos suatu
gerombolan,
kerana Allahku aku dapat melompati tembok.

³¹ Allah itu jalan-Nya sempurna,
firman Tuhan memang teruji.
Dialah perisai bagi semua orang yang
berlindung kepada-Nya.

³² Siapakah Allah selain Tuhan,
dan siapakah batu pejal selain Allah kita?

³³ Allah bentengku yang teguh,
Dia membuat jalanku tidak bercela.

³⁴ Dia menjadikan kakiku seperti kaki rusa
dan menegakkan aku agar teguh di
tempat-tempat yang tinggi.

³⁵ Dia mengajar tanganku berperang,
sehingga lenganku dapat melenturkan busur
gangsa.

³⁶ Engkau mengurniakan kepadaku perisai
penyelamatan-Mu

dan kelembutan-Mu menjadikan aku hebat.

³⁷ Engkau melapangkan tempat pijakanku,
sehingga kakiku tidak tergelincir.

³⁸ Aku mengejar musuh-musuhku serta
memusnahkan mereka,
dan tidak kembali sebelum menumpaskan
kesemua mereka.

³⁹ Aku menumpaskan mereka dan
menghancurkan mereka, sehingga
mereka tidak dapat bangkit lagi.

Mereka rebah di bawah kakiku.

⁴⁰ Engkau telah melengkapkan aku dengan
kekuatan untuk berperang,
Mereka yang bangkit melawan aku Engkau
taklukkan di bawahku.

⁴¹ Engkau membuat musuh-musuhku lari
membelakangiku.

Kubinasakan kalangan yang membenci aku.

⁴² Mereka mencari pertolongan, tetapi tidak
ada yang menyelamatkan,
mencarinya daripada Tuhan, tetapi Dia tidak
menjawab mereka.

⁴³ Kuhancurkan mereka seperti debu tanah,
kutumbuk dan kuinjak-injak mereka seperti
lumpur di jalan.

⁴⁴ Engkau menyelamatkan aku daripada perbantahan rakyatku.

Engkau memelihara aku sebagai kepala bangsa-bangsa,

suku bangsa yang tidak kukenal menghambakan diri kepadaku.

⁴⁵ Orang asing tunduk kepadaku, baru sahaja mereka mendengar, mereka terus taat kepadaku.

⁴⁶ Orang asing menjadi putus asa dan keluar dari kubu-kubu mereka dengan gementar.

⁴⁷ Tuhan hidup! Segala puji bagi batu pejal! Semoga Allah, batu pejal penyelamatanku, ditinggikan!

⁴⁸ Allah menuntut balas bagiku, dan menaklukkan suku-suku bangsa ke bawah kuasaku.

⁴⁹ Dialah yang membebaskan aku daripada musuh-musuhku.

Engkau meninggikan aku demi mengatasi orang yang bangkit melawan aku,

Engkau melepaskan aku daripada orang yang melakukan kekerasan.

⁵⁰ Oleh sebab itu aku akan mengucap syukur kepada-Mu, ya Tuhan, antara bangsa-bangsa, dan aku akan melantunkan puji-pujian atas nama-Mu.

⁵¹ Tuhan memberikan penyelamatan besar^a kepada orang yang dijadikan-Nya raja; Dia melimpahkan kasih setia kepada orang yang diurapi-Nya, kepada Daud, sampai anak cucu selamanya.”

Kata-kata terakhir Raja Daud

23 ¹ Inilah kata-kata terakhir Daud:

“Kata-kata Daud anak Isai, kata-kata orang yang disanjung tinggi, orang yang dilantik oleh Allah Yakub, dan penggubah mazmur di Israel:

² ‘Roh Tuhan berbicara dengan perantaraanku dan firman-Nya ada di lidahku.

³ Allah Israel berfirman, Batu Pejal Israel berfirman kepadaku, “Seseorang yang memerintah rakyat dengan adil, yang memerintah dengan takut kepada Allah,

^a**22:51** Harfiah: Menara penyelamatan.

⁴ adalah seperti fajar menyingsing pada waktu matahari terbit
pada pagi yang tidak berawan,
ketika rumput muda tumbuh dari bumi
oleh cahaya selepas hujan.”

⁵ Bukankah seperti itu keluargaku di hadapan Allah?

Sebabnya Dia telah mengadakan suatu perjanjian kekal denganku,
teratur dalam segala-galanya dan terjamin.
Bukankah Dia yang menumbuhkan
segala keselamatanku dan segala hasratku?

⁶ Tetapi orang yang rendah akhlak
semuanya seperti duri yang dihamburkan,
sebab mereka tidak dapat diambil dengan
tangan.

⁷ Orang yang ingin menyentuh mereka,
harus diperengkap dengan besi atau gagang tombak,
dan dengan api mereka akan dibakar habis di
tempat mereka.’ ”

Kesateria Raja Daud

⁸ Inilah nama-nama kesateria gagah yang menyertai Daud: Yoseb Basebet, orang Hakhmoni, ketua kepada Tiga Perwira. Dia pernah menggunakan tombaknya melawan

lapan ratus orang yang ditewaskannya dalam satu pertempuran.

⁹ Sesudah dia, Eleazar anak Dodo, anak seorang Ahohi, termasuk seorang daripada Tiga Perwira yang menyertai Daud ketika mereka mencemuh orang Filistin yang berkumpul di sana untuk berperang, padahal orang Israel telah mundur.

¹⁰ Dia bangkit dan menewaskan orang Filistin sehingga tangannya penat dan melekat pada pedangnya. Tuhan memberikan kemenangan yang besar pada hari itu. Lalu kembalilah rakyat mengikutinya sekadar untuk menjarah sahaja.

¹¹ Sesudahnya ialah Sama anak Age, orang Harari. Ketika orang Filistin berkumpul di Lehi, tempat terdapat sebidang ladang penuh kacang merah, larilah seluruh pasukan dari hadapan orang Filistin. ¹² Akan tetapi, Sama berdiri di tengah-tengah ladang itu, mempertahankannya, dan mengalahkan orang Filistin. Demikianlah Tuhan memberikan kemenangan yang besar.

¹³ Pada suatu waktu, datanglah tiga orang daripada tiga puluh orang ketua mendapatkan Daud di gua Adulam pada musim menuai, sementara pasukan orang Filistin berkhemah di Lembah Refaim. ¹⁴ Pada waktu itu Daud sedang berada di kubu pertahanan, sedangkan pasukan pendudukan orang Filistin berada di Betlehem. ¹⁵ Lalu timbullah keinginan dalam

diri Daud, katanya, “Kalaulah ada orang yang memberi aku minum air dari perigi Betlehem yang berada berdekatan dengan pintu gerbang itu!”¹⁶ Maka ketiga-tiga kesateria itu menerobos perkhemahan orang Filistin lalu menimba air daripada perigi Betlehem yang berada berdekatan dengan pintu gerbang itu. Mereka mengangkatnya dan membawanya kepada Daud. Namun demikian, dia tidak mahu meminumnya. Dia malah mencurahkanya sebagai persembahan kepada Tuhan.¹⁷ Katanya, “Janganlah aku sekali-kali berbuat demikian, ya Tuhan! Bukankah ini darah mereka yang pergi dengan mempertaruhkan nyawa mereka?” Oleh itu, dia tidak mahu meminumnya.

Itulah yang dilakukan oleh ketiga-tiga orang kesateria itu.

¹⁸ Abisai, adik Yoab anak Zeruya, ialah ketua atas ketiga-tiga orang itu. Dia pernah mengayunkan tombak melawan tiga ratus orang dan menewaskan kesemuanya, sehingga namanya masyhur dalam kalangan ketiga-tiga orang itu.¹⁹ Bukankah dia yang paling dihormati dalam kalangan Kumpulan Tiga Puluh itu? Itulah sebabnya dia menjadi pemimpin mereka; tetapi dia tidak dapat menyamai Tiga Perwira tersebut.

²⁰ Selanjutnya, Benaya anak Yoyada, anak seorang yang gagah perkasa dan berjasa besar

daripada Kabzeel. Dia menewaskan kedua-dua orang pahlawan besar dari Moab. Dia juga pernah turun ke dalam sebuah lubang dan membunuh seekor singa pada suatu hari yang bersalji. ²¹ Selain itu, dia pernah menewaskan seorang Mesir yang bagus perawakannya. Orang Mesir itu memegang sebatang tombak di tangannya, tetapi dia mendatangnya dengan sebatang tongkat. Dirampasnya tombak daripada tangan orang Mesir itu, lalu dibunuhnya orang itu dengan tombaknya sendiri. ²² Itulah yang dilakukan oleh Benaya anak Yoyada. Dia pun termasyhur antara ketiga-tiga orang kesateria itu, ²³ dan termasuk yang paling dihormati antara Tiga Puluh Kesateria. Namun demikian, dia tidak dapat menyamai Tiga Perwira. Daud mengangkat dia menjadi ketua atas para pengawalnya.

²⁴ Asael, adik Yoab, ialah seorang daripada Tiga Puluh Kesateria itu. Selanjutnya ialah Elhanan anak Dodo, dari Betlehem; ²⁵ Sama, orang Harod; Elika, orang Harod; ²⁶ Heles, orang Palti; Ira anak Ikes orang Tekoa; ²⁷ Abiezer, orang Anatot; Mebunai, orang Husa; ²⁸ Zalmon, orang Ahohi; Maharai, orang Netofa; ²⁹ Heleb anak Baana, orang Netofa; Itai anak Ribai, orang Gibea daripada bani Benyamin; ³⁰ Benaya, orang Piraton; Hidai dari Lembah Gaas; ³¹ Abialbon, orang Bet-Araba; Azmawet, orang Bahurim;

³² Elyahba, orang Saalbon; daripada bani Yasen: Yonatan ³³ dan Sama, orang Harari; Ahiam anak Sarar orang Harari; ³⁴ Elifelet anak Ahasbai, anak orang Maakha; Eliam anak Ahitofel orang Gilo; ³⁵ Hezrai, orang Karmel; Paerai, orang Arbi; ³⁶ Yigal anak Natan, dari Zoba; Bani, orang Gad; ³⁷ Zelek, orang Amon; Naharai, orang Beerot, pembawa senjata Yoab anak Zeruya; ³⁸ Ira, orang Yetri; Gareb, orang Yetri; ³⁹ Uria, orang Het, semuanya seramai tiga puluh tujuh orang.

Banci umat dan hukuman Allah

24 ¹ Sekali lagi murka Tuhan menyala terhadap orang Israel, lalu untuk melawan mereka digerakkan-Nya hati Daud. Firman-Nya, “Pergilah, jalankanlah bancian atas warga Israel dan warga Yehuda.” ² Maka berkatalah raja kepada Yoab, panglima tentera yang ada bersama-samanya, “Jelajahilah semua suku Israel dari Dan sampai Bersyeba, dan jalankanlah bancian umat, supaya aku tahu akan jumlah mereka.”

³ Kata Yoab kepada raja, “Semoga Tuhan, Allah tuanku, menambah bilangan umat ini seratus kali ganda daripada jumlah mereka sekarang, dan semoga mata Tuanku Raja melihatnya sendiri. Akan tetapi, mengapakah Tuanku Raja menghendaki hal ini?” ⁴ Meskipun begitu,

kata-kata raja terpaksa dituruti oleh Yoab serta para panglima pasukan. Maka pergilah Yoab dan para panglima pasukan itu dari hadapan raja untuk membancai umat Israel.

⁵ Mereka menyeberangi Sungai Yordan dan berkhemah di Aroer, sebelah selatan kota yang terletak di tengah-tengah Lembah Gad. Dari situ mereka menuju Yaezer, ⁶ lalu sampai di Gilead dan di Kadesh. Setelah itu, mereka sampai di Dan Yaan, lalu berkeliling sampai ke Sidon. ⁷ Mereka pun tiba di kota berkubu Tirus, dan terus berjalan ke semua kota orang Hewi serta orang Kanaan. Selanjutnya mereka pergi ke sebelah selatan Yehuda, ke Bersyeba. ⁸ Setelah menjelajahi seluruh negeri itu selama sembilan bulan dua puluh hari, sampailah mereka di Yerusalem. ⁹ Yoab pun memberikan jumlah angka umat itu kepada raja. Dalam kalangan orang Israel ada lapan ratus ribu orang gagah perkasa yang mahir menggunakan pedang, sedangkan dalam kalangan Yehuda ada lima ratus ribu orang.

¹⁰ Akan tetapi, hati nurani Daud terusik setelah dia menghitung umat. Lalu berkatalah Daud kepada Tuhan, “Aku sangat berdosa dengan perbuatanku ini. Sekarang, ya Tuhan, semoga Engkau menjauhkanlah kesalahan hamba-Mu ini, kerana perbuatanku ini sangat bodoh.”

¹¹ Ketika Daud bangun pada pagi harinya, datanglah firman Tuhan kepada nabi Gad, pelihat Daud, demikian, ¹² “Pergilah dan katakan kepada Daud, ‘Beginilah firman Tuhan, “Tiga perkara Kuhadapkan kepadamu. Pilihlah salah satu antaranya, dan Aku akan melakukannya.”

’ ¹³ Gad pun datang menemui Daud dan memberitahukan hal itu kepadanya. Katanya kepadanya, “Adakah akan kaupilih tiga tahun kelaparan menimpa negerimu? Atau, mahukah engkau melarikan diri selama tiga bulan dari hadapan lawanmu, sementara mereka mengejar engkau? Atau, akankah kaupilih tiga hari wabak sampar di negerimu? Sekarang fikirkanlah dan pertimbangkanlah, jawapan apa yang harus kusampaikan kepada Dia yang mengutus aku.”

¹⁴ Jawab Daud kepada Gad, “Hal ini sangat menyesakkan bagiku. Biarlah kita jatuh ke tangan Tuhan, kerana rahmat-Nya besar. Jangan aku jatuh ke dalam tangan manusia.”

¹⁵ Jadi, Tuhan mendatangkan wabak penyakit atas Israel dari pagi sampai waktu yang ditetapkan. Maka dari antara umat itu, matilah tujuh puluh ribu orang dari Dan sampai Bersyeba. ¹⁶ Tetapi ketika malaikat menghulurkan tangannya atas Yerusalem untuk memusnahkannya, Tuhan berbelas kasihan atas sebab malapetaka itu. Firman-Nya kepada

malaikat yang memusnahkan umat, “Cukup! Sekarang turunkanlah tanganmu!” Pada waktu itu malaikat Tuhan berada berdekatan dengan tempat pembantingan bijirin Arauna, orang Yebus.

¹⁷ Ketika Daud melihat malaikat yang mengajar^b umat itu, dia pun berkata kepada Tuhan, “Sesungguhnya, aku telah berdosa dan telah melakukan kesalahan. Tetapi domba-domba ini, apakah yang telah dilakukan mereka? Biarlah tangan-Mu melawan aku dan kaum keluargaku.”

Raja Daud mendirikan mazbah dekat Yerusalem

¹⁸ Pada hari itu Gad datang lagi menghadap Daud dan berkata kepadanya, “Pergilah, dirikanlah sebuah mazbah bagi Tuhan di tempat pembantingan bijirin Arauna, orang Yebus itu.” ¹⁹ Lalu Daud pun pergi, seperti yang diperintahkan Tuhan melalui Gad. ²⁰ Ketika Arauna menengok dan melihat raja bersama-sama para pegawainya berjalan ke arahnya, keluarlah dia lalu sujud dan memberi hormat kepadanya. ²¹ Arauna bertanya, “Mengapakah Tuanku Raja datang kepada hambanya ini?”

^b**24:17** Mengajar: Memukul demi menghukum atau membinasakan.

Jawab Daud, “Aku hendak membeli tempat pembantingan bijirin ini daripada kamu. Di tempat ini akan kudirikan sebuah mazbah bagi Tuhan, supaya wabak sampar ini berhenti menimpa umat.”

²² Kata Arauna kepada Daud, “Ambillah sahaja, Tuanku Raja, dan persembahkanlah apa yang dipandang baik. Lihat, di sini ada lembu untuk korban bakaran, sedangkan segala tukul pengirik serta perkakas lembu itu dapat menjadi kayu bakarnya. ²³ Semua ini, ya Raja, Arauna persembahkan kepada Raja.” Kata Arauna pula kepada raja, “Semoga Tuhan, Allah tuanku, berkenan kepada tuanku.”

²⁴ Akan tetapi, raja berkata kepada Arauna, “Jangan begitu, kerana aku mahu membelinya daripada kamu dengan harga yang layak. Aku tidak mahu mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan, Allahku secara percuma.” Maka Daud membeli tempat pembantingan bijirin itu dengan lembu-lembunya pada harga lima puluh syikal perak. ²⁵ Daud pun mendirikan sebuah mazbah bagi Tuhan di sana, lalu dipersembhkannya korban bakaran dan korban kedamaian. Maka Tuhan mengabulkan doa untuk negeri itu, sehingga wabak itu berhenti menimpa Israel.

1 RAJA-RAJA

Adonia cuba merampas takhta

1 ¹ Raja Daud sudah tua dan lanjut umurnya. Sekalipun orang menyelimutinya dengan beberapa helai kain, dia masih tidak berasa hangat. ² Lalu para pegawainya berkata kepadanya, “Akan kami cari bagi Tuanku Raja seorang perawan yang muda untuk melayani dan merawat Raja. Biarlah dia berbaring di pangkuan tuanku, supaya Tuanku Raja menjadi hangat.” ³ Maka mereka mencari seorang perawan muda yang cantik di seluruh wilayah Israel, dan mendapatkan Abisag, seorang gadis Sunem. Lalu dia dibawa menghadap raja. ⁴ Perawan itu sangat cantik dan dia menjadi perawat raja dan melayaninya. Namun demikian, raja tidak bersentuh dengannya.

⁵ Suatu ketika, Adonia anak Hagit meninggikan diri dengan berkata, “Aku akan menjadi raja.” Lalu dia pun memperlengkapkan diri dengan banyak rata, pasukan berkuda, dan lima puluh orang yang berlari di hadapannya. ⁶ Seumur

hidupnya, Adonia belum pernah ditegur oleh ayahnya dengan berkata, “Mengapakah engkau berbuat begitu?” Parasnya sangat tampan. Dia lahir setelah Absalom. ⁷ Maka bermuafakatlah dia dengan Yoab, anak Zeruya, dan dengan Imam Abyatar. Mereka mengikuti Adonia dan membantunya. ⁸ Tetapi Imam Zadok, Benaya anak Yoyada, nabi Natan, Simei, Rei, dan para kesateria Daud tidak berpihak kepada Adonia.

⁹ Adonia mengorbankan domba, lembu, dan ternakan yang tambun dekat Batu Zohélet, di sisi En-Rogel. Dia mengundang semua saudaranya, iaitu para anak raja, dan semua orang Yehuda yang menjadi pegawai raja. ¹⁰ Tetapi dia tidak mengundang nabi Natan, Benaya, para kesateria, dan adiknya, Salomo.

¹¹ Kemudian Natan berkata demikian kepada Batsyeba, bonda Salomo, “Tidakkah Permaisuri mendengar bahawa Adonia anak Hagit telah menjadi raja tanpa diketahui oleh tuan kita Daud? ¹² Sekarang, izinkanlah hamba memberikan nasihat kepada Permaisuri, supaya Permaisuri dapat menyelamatkan nyawa Permaisuri dan nyawa Salomo, anak Permaisuri. ¹³ Masuklah Permaisuri menghadap Raja Daud dan katakan kepadanya, ‘Bukankah Tuanku Raja telah

bersumpah kepada hambamu ini demikian, “Anakmu Salomo akan menjadi raja sesudah aku, dan dia akan duduk di atas takhtaku”? Mengapakah sekarang Adonia yang menjadi raja?’¹⁴ Sementara Permaisuri berbicara di sana dengan raja, hamba akan masuk menyusul Permaisuri dan menguatkan kata-kata Permaisuri.”

¹⁵ Maka masuklah Batsyeba ke dalam bilik untuk menghadap raja. Pada waktu itu raja sudah sangat tua dan Abisag, gadis Sunem itu, melayani raja. ¹⁶ Batsyeba membongkok lalu sujud memberi hormat kepada raja. Raja bertanya, “Apakah yang kauinginkan?”

¹⁷ Jawabnya, “Tuanku telah bersumpah kepada hambamu ini demi Tuhan, Allahmu, dengan berkata, ‘Anakmu Salomo akan menjadi raja sesudah aku, dan ia akan duduk di atas takhtaku.’¹⁸ Tetapi sekarang, Adonia sudah menjadi raja tanpa pengetahuan Tuanku Raja. ¹⁹ Dia telah mengorbankan lembu, ternakan yang tambun, dan domba dalam jumlah besar. Dia mengundang semua anak raja dan Imam Abyatar serta Yoab, panglima tentera. Tetapi Salomo, hambamu, tidak diundangkannya. ²⁰ Sekarang, ya Tuanku Raja, mata semua orang Israel tertuju kepada tuanku. Maka tuanku harus memberitahu mereka siapa yang sepatutnya duduk di atas

takhta Tuanku Raja sesudah tuanku. ²¹ Jika tidak, apabila Tuanku Raja dibaringkan bersama nenek moyangnya, maka hamba dan anak hamba Salomo akan dianggap sebagai orang yang bersalah.”

²² Sementara Batsyeba masih berbicara dengan raja, datanglah nabi Natan. ²³ Kepada raja diberitahukan, “Nabi Natan menghadap tuanku.” Dia masuk menghadap raja dan sujud memberi hormat di hadapan raja. ²⁴ Kata Natan, “Ya Tuanku Raja, sungguhkah tuanku telah bertitah, ‘Adonia akan menjadi raja sesudah aku, dan ia akan duduk di atas takhtaku’? ²⁵ Pada hari ini dia pergi mengorbankan sejumlah besar lembu, anak lembu yang tambun, dan domba. Dia mengundang semua anak raja, para panglima tentera, dan Imam Abyatar. Sekarang ini mereka sedang makan dan minum di hadapannya sambil berseru, ‘Hidup Raja Adonia!’ ²⁶ Tetapi dia tidak mengundang hambamu ini dan Imam Zadok, Benaya anak Yoyada serta Salomo. ²⁷ Sungguhkah perkara ini diperkenan Tuanku Raja tanpa memberitahu hamba-hambamu ini tentang siapa yang akan duduk di atas takhta Tuanku Raja sesudah tuanku?”

Salomo dilantik untuk menjadi raja

²⁸ Jawab Raja Daud, “Panggillah Batsyeba untuk menghadap aku.” Batsyeba pun datang menghadap raja dan berdiri di hadapannya.

²⁹ Lalu Raja bersumpah demikian, “Demi Tuhan yang hidup, yang telah menebus nyawaku daripada segala kesesakan, ³⁰ sebagaimana aku telah bersumpah kepadamu demi Tuhan, Allah Israel, dengan berkata, ‘Anakmu Salomo akan menjadi raja sesudah aku, dan dia akan duduk di atas takhtaku sesudah aku,’ demikianlah akan kulaksanakan pada hari ini.”

³¹ Maka Batsyeba pun membongkok dan sujud memberi hormat kepada raja. Katanya, “Hidup Tuanku Raja Daud untuk selama-lamanya!”

³² Kemudian Raja Daud berkata, “Panggillah Imam Zadok, nabi Natan, dan Benaya anak Yoyada untuk menghadap aku.” Maka datanglah mereka menghadap raja. ³³ Kata raja kepada mereka, “Bawalah pegawai aku dan naikkanlah Salomo, anakku, ke atas baghal kenderaanku sendiri, lalu hantarlah dia ke Gihon. ³⁴ Di sana Imam Zadok dan nabi Natan harus melantik dia untuk menjadi Raja Israel. Kemudian tiuplah sangkakala sambil berseru, ‘Hidup Raja Salomo!’ ³⁵ Setelah itu, kamu harus mengiringi dia pulang ke mari. Dia akan masuk dan duduk di atas

takhtaku, kerana dia harus menaiki takhta untuk menggantikan aku. Aku telah menetapkan dia untuk menjadi pemimpin atas Israel dan atas Yehuda.”

³⁶ Jawab Benaya anak Yoyada kepada raja, “Amin! Demikianlah kiranya firman Tuhan, Allah Tuanku Raja. ³⁷ Seperti Tuhan telah menyertai Tuanku Raja, semoga demikianlah jua Dia menyertai Salomo dan menjadikan takhtanya lebih agung daripada takhta Tuanku Raja Daud.”

³⁸ Maka pergilah imam Zadok, nabi Natan, dan Benaya anak Yoyada, dengan orang Kreti serta orang Pleti. Mereka menaikkan Salomo ke atas baghal Raja Daud dan menghantar dia ke Gihon. ³⁹ Imam Zadok mengambil tabung tanduk berisi minyak dari dalam Khemah Suci, lalu melantik Salomo. Kemudian sangkakala ditiup dan seluruh rakyat berseru, “Hidup Raja Salomo!” ⁴⁰ Sesudah itu seluruh rakyat pergi mengiringi dia. Orang ramai itu bermain seruling dan bersukacita sambil bersorak-sorai gembira, sampai bumi seakan-akan terbelah oleh suara mereka.

⁴¹ Hal itu terdengar oleh Adonia dan semua undangan yang menyertainya ketika mereka baru selesai makan. Ketika Yoab mendengar bunyi sangkakala itu, dia bertanya, “Mengapakah ada bunyi keramaian di dalam kota?” ⁴² Sementara dia berbicara, tiba-tiba datanglah Yonatan, anak

Imam Abyatar. Kata Adonia, “Masuklah! Engkau orang baik, tentu engkau membawa khabar baik juga.”

⁴³ Tetapi jawab Yonatan kepada Adonia, “Tidak! Tuan kita Raja Daud telah mengangkat Salomo untuk menjadi raja. ⁴⁴ Raja telah menyuruh dia pergi bersama-sama imam Zadok, nabi Natan, dan Benaya anak Yoyada, juga orang Kreti serta orang Pleti. Mereka menaikkan dia ke atas baghal raja. ⁴⁵ Kemudian imam Zadok dan nabi Natan melantik dia di Gihon untuk menjadi raja. Mereka pergi dari sana dengan penuh sukacita, sehingga suasana kota pun menjadi riuh rendah. Itulah bunyi yang tuan-tuan dengar tadi. ⁴⁶ Sekarang Salomo telah duduk di atas takhta kerajaan. ⁴⁷ Para pegawai raja pun telah datang mengucapkan selamat kepada tuan kita Raja Daud, demikian, ‘Semoga Allahmu membuat nama Salomo lebih masyhur daripada nama tuanku, dan takhtanya lebih agung daripada takhta tuanku.’ Lalu raja sujud menyembah di peraduannya. ⁴⁸ Raja pun berkata begini, ‘Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel. Pada hari ini Dia telah mengurniakan seorang untuk duduk di atas takhtaku. Matakु sendiri melihatnya.’ ”

⁴⁹ Maka gementarlah semua undangan Adonia itu. Mereka segera pergi mengambil jalan masing-masing. ⁵⁰ Adonia menjadi takut

kepada Salomo. Dia segera pergi memegang tanduk-tanduk mazbah.⁵¹ Lalu kepada Salomo diberitahukan demikian, “Ternyata Adonia takut kepada Raja Salomo dan memegang tanduk-tanduk mazbah sambil berkata, ‘Biarlah Raja Salomo bersumpah pada hari ini kepada hamba bahwa dia tidak akan membunuh hambanya ini dengan pedang.’ ”

⁵² Kata Salomo, “Jika dia memang beriktikad baik, maka tidak sehelai pun daripada rambutnya akan jatuh ke bumi. Tetapi jika niat jahat didapati padanya, maka dia harus mati.”⁵³ Raja Salomo menyuruh orang untuk membawa Adonia dari mazbah. Adonia pun datang dan sujud memberi hormat kepada Raja Salomo. Kata Salomo kepadanya, “Pulanglah ke rumahmu.”

Amanat terakhir Daud, raja Israel

2¹ Apabila menjelang ajalnya, Daud beramanat kepada Salomo, anaknya, demikian,² “Aku akan menempuh jalan kefanaan. Kuatkanlah hatimu dan berlakulah seperti lelaki.³ Peganglah kewajibanmu terhadap Tuhan, Allahmu, dengan hidup menurut jalan-Nya dan dengan berpegang teguh pada segala ketetapan-Nya, perintah-Nya, peraturan-Nya, serta peringatan-Nya seperti yang tertulis dalam Kitab Taurat Musa. Dengan demikian engkau akan berhasil dalam segala

tindakanmu dan dalam segala tujuanmu,
⁴ dan Tuhan akan melaksanakan firman yang disampaikan-Nya mengenai aku: 'Jika anak-anakmu tetap hidup di hadapan-Ku dengan setia, dengan segenap hati, dan dengan segenap jiwa, maka tidak akan terputus keturunanmu yang duduk di atas takhta kerajaan Israel.'

⁵ Apatah lagi, engkau juga tahu apa yang dilakukan Yoab, anak Zeruya, kepadaku, iaitu apa yang dilakukannya terhadap Abner anak Ner dan Amasa anak Yeter, kedua-duanya panglima tentera Israel. Dia membunuh mereka dan menumpahkan darah peperangan pada masa damai, sehingga darah peperangan melumuri ikat pinggang serta kasut kakinya. ⁶ Maka bertindaklah selaras dengan kebijaksanaanmu dan jangan membiarkan orang yang beruban itu turun ke alam kubur dengan damai.

⁷ Akan tetapi, kepada anak-anak Barzilai, orang Gilead itu, tunjukkanlah kasihmu. Biarlah mereka termasuk kalangan yang mendapat makanan dari mejamu, kerana demikianlah mereka menyambut aku ketika aku melarikan diri daripada Absalom, abangmu.

⁸ Juga masih ada padamu Simei anak Gera, orang Benyamin dari Bahurim itu. Dialah yang melontarkan kutukan yang kejam kepadaku pada waktu aku pergi ke Mahanaim, tetapi kemudian dia datang menyongsong aku di tepi Sungai Yordan. kepadanya aku telah bersumpah demi Tuhan, 'Aku tidak akan menghukum mati engkau dengan pedang.'⁹ Sekarang, janganlah anggap dia tidak bersalah, kerana engkau seorang yang bijak. Engkau akan tahu apa yang patut kaulakukan terhadapnya. Turunkanlah orang beruban itu dalam keadaan berdarah ke alam barzakh."

¹⁰ Lalu Daud dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya, dan dimakamkan di Kota Daud.

¹¹ Selama empat puluh tahun Daud bertakhta atas orang Israel. Tujuh tahun dia bertakhta di Hebron, dan tiga puluh tiga tahun di Yerusalem.

¹² Kemudian Salomo duduk di atas takhta Daud, ayahnya, dan kerajaannya sangat kukuh.

Raja Salomo mengukuhkan takhtanya

¹³ Pada suatu waktu, datanglah Adonia, anak Hagit, menghadap Batsyeba, bonda Salomo.

2:8: 2Sam 16:5-13; 19:16-23.

2:11: 2Sam 5:4,5; 1Taw 3:4. **2:12:** 1Taw 29:23.

Tanya Batsyeba, “Apakah engkau datang dengan damai sejahtera?”

Jawabnya, “Ya, secara berdamai.” ¹⁴ Katanya pula, “Ada sesuatu yang hendak hamba katakan kepada bonda.”

Kata Batsyeba, “Katakanlah.”

¹⁵ Katanya, “Bonda maklum bahawa kerajaan itu sebenarnya milik hamba. Semua orang Israel pun mengharapkan hamba untuk menjadi raja. Akan tetapi, kerajaan itu beralih menjadi milik adik hamba kerana dia memperolehnya daripada Tuhan. ¹⁶ Sekarang, hamba menyampaikan satu permintaan sahaja kepada bonda. Mohon jangan tolak permintaan hamba.” Kata Batsyeba kepadanya, “Katakanlah.”

¹⁷ Maka katanya, “Kerana baginda tentu tidak akan menolak permintaan bonda, tolong minta kepada Raja Salomo supaya baginda memberikan Abisag, gadis Sunem itu, kepada hamba untuk menjadi isteri hamba.”

¹⁸ Jawab Batsyeba, “Baiklah, aku akan berbicara kepada raja bagimu.”

¹⁹ Lalu masuklah Batsyeba menghadap Raja Salomo untuk berbicara kepadanya bagi Adonia. Raja bangkit menyambut dia dan sujud memberi hormat kepadanya. Kemudian raja duduk di

atas takhtanya. Disuruhnya orang meletakkan kerusi untuk bonda raja, lalu duduklah bonda raja di sebelah kanannya. ²⁰ Katanya, “Ibu hendak menyampaikan suatu permintaan kecil kepadamu. Mohon jangan tolak permintaan Ibu.”

Kata raja kepadanya, “Sampaikanlah, Ibu, kerana aku tidak akan menolak permintaan Ibu.”

²¹ Katanya, “Biarlah Abisag, gadis Sunem itu, diberikan kepada Adonia, abangmu, untuk menjadi isterinya.”

²² Tetapi jawab Raja Salomo kepada ibunya, “Mengapa Ibu meminta Abisag, gadis Sunem itu, bagi Adonia? Mintalah juga kerajaan ini bagi dia, kerana dia saudaraku yang lebih tua – ya, bagi dia, bagi Imam Abyatar, dan bagi Yoab anak Zeruya.” ²³ Kemudian Raja Salomo bersumpah demi Tuhan, katanya, “Biarlah Allah mengazab aku, bahkan lebih lagi, jika permintaan ini tidak dibayar Adonia dengan nyawanya sendiri. ²⁴ Sekarang, demi Tuhan yang hidup, iaitu Tuhan yang mengukuhkan aku dan mendudukkan aku di atas takhta Daud, ayahku serta membangunkan sebuah keluarga bagiku seperti yang dijanjikan-Nya, sesungguhnya Adonia harus dihukum mati pada hari ini juga.”

²⁵ Raja Salomo memberikan perintah kepada Benaya anak Yoyada, lalu Benaya menyerang Adonia sehingga dia mati.

²⁶ Kepada Imam Abyatar, raja berkata, “Pergilah ke Anatot, tanah milikmu. Sesungguhnya, engkau patut dihukum mati, tetapi pada hari ini aku tidak akan membunuh engkau, kerana engkau pernah mengusung tabut Tuhan Allah di hadapan Daud, ayahku, dan kerana engkau pernah turut mengalami semua yang dideritai ayahku.”

²⁷ Demikianlah Salomo memecat Abyatar daripada jawatannya sebagai imam Tuhan, sehingga terlaksanalah firman yang disampaikan Tuhan mengenai keluarga Eli di Silo.

²⁸ Maka sampailah berita itu kepada Yoab yang sememangnya telah berpihak kepada Adonia, sekalipun dahulu dia tidak berpihak kepada Absalom. Maka larilah Yoab ke Khemah Suci Tuhan, lalu dipegangnyalah tanduk-tanduk mazbah. ²⁹ Kepada Raja Salomo diberitahukan bahawa Yoab telah lari ke Khemah Suci Tuhan dan telah berada di samping mazbah. Kemudian Salomo menyuruh Benaya anak Yoyada, katanya, “Pergilah, serang dia!” ³⁰ Benaya pun masuk ke dalam Khemah Suci Tuhan dan berkata kepada Yoab, “Beginilah titah raja, ‘Keluarlah!’ ”

Jawabnya, “Tidak, di sinilah aku mahu mati.”

2:26 a: 2Sam 15:24; **b:** 1Sam 22:20-23.

2:27: 1Sam 2:27-36.

Kemudian Benaya menyampaikan kata-kata itu kepada raja, katanya, “Beginilah kata Yoab dan beginilah jawabnya kepada hamba.”

³¹ Kata raja kepadanya, “Lakukanlah seperti yang dikatakannya. Seranglah dia lalu kebumikanlah dia, supaya darah yang ditumpahkan Yoab dengan tidak semena-mena itu dijauhkan daripadaku dan daripada kaum keluargaku. ³² Tuhan akan menanggungkan darahnya atas dirinya sendiri kerana dia telah menyerang dua orang yang lebih benar dan lebih baik daripadanya. Tanpa pengetahuan ayahku Daud, dia telah membunuh Abner anak Ner, panglima tentera Israel, dan Amasa anak Yeter, panglima tentera Yehuda, dengan pedang. ³³ Dengan demikian darah mereka akan ditanggungkan atas Yoab dan atas keturunannya untuk selama-lamanya. Tetapi bagi Daud, bagi keturunannya, bagi keluarganya, dan bagi takhtanya akan ada kedamaian daripada Tuhan untuk selama-lamanya.”

³⁴ Maka pergilah Benaya anak Yoyada. Lalu dia menyerang Yoab dan membunuhnya. Kemudian Yoab dikebumikan di rumahnya sendiri, di gurun. ³⁵ Selanjutnya, Benaya anak Yoyada diangkat oleh raja sebagai ketua tentera untuk menggantikan Yoab. Imam Zadok pun diangkat oleh raja untuk menggantikan Abyatar.

³⁶ Kemudian raja menyuruh agar Simei dipanggil. Kata raja kepadanya, “Binalah sebuah rumah bagimu di Yerusalem lalu tinggallah di situ. Jangan keluar ke mana-mana pun dari situ. ³⁷ Kerana camkanlah, pada hari engkau keluar dari situ lalu menyeberangi Sungai Kidron, engkau pasti dihukum mati. Darahmu akan ditanggungkan atas dirimu sendiri.”

³⁸ Kata Simei kepada raja, “Titah yang baik. Akan hamba lakukan apa yang Tuanku Raja titahkan itu.” Maka Simei pun tinggal di Yerusalem selama beberapa waktu.

³⁹ Akan tetapi, setelah tiga tahun berlalu, dua orang hamba Simei lari kepada Akhis anak Maakha, raja Gat. Kepada Simei dikhabarkan, “Ketahuilah, hamba-hamba tuan ada di Gat.”

⁴⁰ Simei pun segera memelanai keldainya dan pergi ke Gat, ke tempat Akhis, untuk mencari hamba-hambanya itu. Lalu Simei pulang dan membawa hamba-hambanya kembali dari Gat.

⁴¹ Ketika dikhabarkan kepada Salomo bahawa Simei pergi dari Yerusalem ke Gat lalu kembali,

⁴² maka raja menyuruh agar Simei dipanggil. Kata raja kepadanya, “Bukankah aku telah menyuruh engkau bersumpah demi Tuhan dan telah mengingatkan engkau demikian, ‘Camkanlah, bahawa pada waktu engkau keluar dan pergi ke mana-mana pun, engkau pasti dihukum mati’?”

Lalu jawabmu kepadaku, ‘Titah yang baik. Hamba akan mentaatinya.’⁴³ Mengapakah engkau tidak memegang sumpah demi Tuhan itu dan mentaati perintah yang kuberikan kepadamu?”⁴⁴ Raja berkata pula kepada Simej, “Dalam hatimu, engkau sendiri tahu akan segala kejahatan yang kaulakukan terhadap Daud, ayahku. Tuhan akan membalikkan kejahatanmu itu kepada dirimu sendiri.⁴⁵ Tetapi Raja Salomo akan diberkati, dan takhta Daud akan dikukuhkan di hadapan Tuhan untuk selama-lamanya.”

⁴⁶ Raja pun memberikan perintah kepada Benaya anak Yoyada, lalu Benaya keluar lalu menyerang dia sehingga dia mati. Demikianlah kerajaan itu kukuh dalam tangan Salomo.

Allah memberikan kebijaksanaan kepada Raja Salomo

3¹ Salomo menjadi menantu Firaun, raja Mesir. Dia memperisteri anak Firaun dan membawanya ke Kota Daud, sehingga dia selesai membina istananya dan juga Bait Tuhan serta tembok di sekeliling Yerusalem.² Akan tetapi, orang Israel masih mempersembahkan korban di bukit-bukit pemujaan, kerana sampai masa itu belum dibangunkan sebuah bait bagi nama Tuhan.³ Salomo mencintai Tuhan, dia hidup menurut segala ketetapan Daud, ayahnya.

Bagaimanapun, dia masih mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan.

⁴ Suatu kali, raja pergi ke Gibeon untuk mempersembahkan korban, kerana di situlah tempat bukit pemujaan yang terbesar. Kemudian, di atas mazbah di sana, Salomo mempersembahkan seribu korban bakaran. ⁵ Di Gibeon, Tuhan menampakkan diri kepada Salomo dalam mimpi pada malam hari. Allah berfirman, “Mintalah apa yang kauingin Kukurniakan kepadamu.”

⁶ Kata Salomo, “Engkau telah menunjukkan kasih yang besar kepada hamba-Mu Daud, ayahku, kerana dia hidup di hadirat-Mu dengan setia, benar, dan tulus hati. Engkau telah meneguhkan kasih yang besar ini baginya dengan mengurniakannya seorang anak yang duduk di atas takhtanya, sebagaimana nyata pada hari ini. ⁷ Sekarang, ya Tuhan, Allahku, Engkau telah mengangkat hamba-Mu ini sebagai raja untuk menggantikan Daud, ayahku, padahal aku ini masih muda belia. Aku belum berpengalaman menangani ini dan itu. ⁸ Hamba-Mu ini berada di tengah-tengah umat yang telah Kaupilih, umat yang besar, yang tidak terbilang dan tidak terhitung banyaknya. ⁹ Oleh sebab itu kurniailah hamba-Mu ini hati yang bijaksana

untuk memerintah umat-Mu sehingga aku dapat membezakan antara yang baik dengan yang jahat, kerana siapakah yang dapat memerintah umat-Mu yang besar ini?”

¹⁰ Permintaan Salomo yang demikian itu dipandang baik oleh Tuhan. ¹¹ Firman Allah kepadanya, “Kerana engkau meminta hal itu, dan tidak meminta umur panjang atau kekayaan atau nyawa musuh-musuhmu, melainkan meminta pengertian untuk memutuskan hukum secara adil, ¹² maka Aku mengabulkan apa yang kauminta itu. Sesungguhnya, Aku mengurniaimu hati yang bijak dan berpengertian, sehingga sebelum engkau tidak ada orang yang seperti engkau, dan setelah engkau pun tidak akan bangkit orang yang seperti engkau. ¹³ Selain itu, Kukurniaimu juga apa yang tidak kauminta, iaitu kekayaan dan kemuliaan, sehingga antara raja tidak akan ada seorang pun yang seperti engkau sepanjang umurmu. ¹⁴ Jika engkau hidup menurut jalan-Ku serta berpegang teguh pada segala ketetapan-Ku serta perintah-Ku seperti yang dilakukan oleh Daud, ayahmu, maka Aku akan melanjutkan usiamu.”

¹⁵ Salomo pun terjaga, rupanya dia bermimpi. Kemudian dia pergi ke Yerusalem, lalu berdiri di hadapan tabut perjanjian Tuhan. Dipersembahkannya korban bakaran dan korban

kedamaian, lalu dia mengadakan jamuan bagi semua pegawainya.

Kebijaksanaan Raja Salomo

¹⁶ Maka datanglah dua orang perempuan sundal menghadap raja lalu berdiri di hadapannya.

¹⁷ Kata perempuan yang seorang, “Ya tuanku, hamba dan perempuan ini tinggal serumah. Beberapa waktu yang lalu, hamba melahirkan anak, dan ketika itu dia ada di rumah. ¹⁸ Pada hari ketiga selepas hamba bersalin, perempuan ini juga bersalin. Tiada orang lain bersama-sama kami di rumah itu. Hanya kami berdua di dalam rumah. ¹⁹ Pada malam hari, perempuan ini tertindih anaknya lalu matilah bayi itu.

²⁰ Lalu pada tengah malam, ketika hambamu ini sedang tidur, perempuan ini bangun dan mengambil anak hamba daripada sisi hamba lantas dibaringkannya anak hamba dalam pangkuannya manakala anaknya yang mati itu diletakkan dalam pangkuan hamba. ²¹ Ketika hamba bangun pada pagi hari untuk menyusui anak hamba, ternyata dia sudah tidak bernyawa. Akan tetapi, setelah hamba mengamat-amatinya pada pagi itu, tampak bahawa dia bukan anak yang hamba lahirkan.”

²² Kata perempuan yang seorang lagi, “Tidak! Yang hidup itu anakku dan yang mati itu anakmu.”

Tetapi kata perempuan yang pertama, “Tidak! Yang mati itu anakmu dan yang hidup itu anakku.” Demikianlah mereka berbantah-bantahan di hadapan raja.

²³ Kata raja, “Yang seorang berkata, ‘Anakkulah yang hidup ini dan anakmulah yang mati.’ Yang seorang lagi berkata, ‘Tidak! Anakmulah yang mati dan anakkulah yang hidup.’ ” ²⁴ Kemudian raja berkata, “Ambilkan aku sebilah pedang.” Maka dibawalah sebilah pedang ke hadapan raja. ²⁵ Kata raja, “Penggallah anak yang hidup itu untuk menjadi dua. Berikan separuh kepada yang seorang dan separuh lagi kepada yang lain.”

²⁶ Maka, terdorong oleh rasa hiba terhadap anaknya, ibu sebenar kepada anak yang masih hidup itu berkata kepada raja, “Ya tuanku, berikanlah anak yang hidup itu kepadanya. Jangan sekali-kali tuanku membunuhnya.”

Tetapi perempuan yang seorang lagi berkata, “Penggal sajalah supaya tidak menjadi milikku ataupun milikmu.”

²⁷ Lalu raja berkata, “Berikanlah anak yang hidup itu kepada perempuan yang pertama. Jangan sekali-kali dibunuh. Dialah ibunya.”

²⁸ Ketika semua orang Israel mendengar keputusan yang diberikan raja dalam hal itu, seganlah mereka kepada raja, kerana mereka

melihat bahawa kebijaksanaan Allah ada padanya untuk menegakkan keadilan.

Pembesar Raja Salomo dan pejabatnya di daerah

- 4** ¹ Maka Salomo menjadi raja atas seluruh Israel. ² Inilah para pembesarnya:
Azarya anak Zadok, menjadi imam;
³ Elihoref dan Ahia, anak-anak Sisa, menjadi jurutulis;
Yosafat anak Ahilud, menjadi pencatat sejarah;
⁴ Benaya anak Yoyada, mengetuai tentera;
Zadok dan Abyatar, menjadi imam;
⁵ Azarya anak Natan, mengetuai para pegawai;
Zabud anak Natan, menjadi imam dan sahabat raja;
⁶ Ahisar, mengetuai seisi istana;
Adoniram anak Abda, mengetuai pasukan buruh paksa.
⁷ Selain itu, Salomo mempunyai dua belas orang pegawai atas seluruh Israel, yang harus menyediakan makanan untuk raja dan seisi istananya, masing-masing selama sebulan dalam setahun. ⁸ Inilah nama mereka:
Ben-Hur di Pergunungan Efraim;
⁹ Ben-Deker di Makas, Saalbim, Bet-Semes, dan Elon-Bet-Hanan;
¹⁰ Ben-Hesed di Arubot, wilayahnya ialah Sokho dan seluruh Tanah Hefer;

- 11 Ben-Abinadab, di seluruh Dataran Tinggi Dor (Tafat anak Salomo menjadi isterinya);
- 12 Baana anak Ahilud di Taanakh, Megido, dan seluruh Bet-Sean di sebelah Sartan di hilir Yizreel, dari Bet-Sean sampai ke Abel-Mehola sampai ke seberang Yokmeam;
- 13 Ben-Geber di Ramot-Gilead, wilayahnya ialah Hawot-Yair di Gilead (Yair ialah anak Manasye), juga kawasan Argob di Basan, enam puluh kota besar yang bertembok dan berpalang pintu gangsa;
- 14 Ahinadab anak Ido, di Mahanaim;
- 15 Ahimaas, di Naftali (dia memperisteri Basmat anak Salomo);
- 16 Baana anak Husai di Asyer dan di Alot;
- 17 Yosafat anak Paruah, di Isakhar;
- 18 Simeï anak Ela, di Benyamin;
- 19 Geber anak Uri, di Tanah Gilead (negeri Sihon, raja orang Amori, dan Og, raja Basan), dialah satu-satunya pembesar yang ada di bumi itu.

Kebesaran dan kemasyhuran Raja Salomo

20 Ramainya umat Yehuda dan umat Israel adalah seperti pasir di tepi laut. Mereka itu

makan, minum, dan bersuka ria. ²¹ Salomo menjadi penguasa atas seluruh kerajaan, mulai Sungai Efrat sampai ke negeri orang Filistin, bahkan sampai ke perbatasan Mesir. Mereka membawa persembahan dan menjadi warga takluk kepada Salomo seumur hidup.

²² Keperluan makanan Salomo untuk sehari ialah: 30 kor tepung terbaik, 60 kor tepung biasa, ²³ 10 ekor lembu yang tambun, 20 ekor lembu gembalaan, dan 100 ekor domba, di samping rusa, kijang, pelanduk, dan unggas yang gemuk.

²⁴ Ruang lingkup kekuasaannya meliputi seluruh kawasan di sebelah barat Sungai Efrat, dari Tifisah sampai ke Gaza, dan semua raja di sebelah barat Sungai Efrat; segala penjurukawasannya aman dan damai. ²⁵ Seumur hidup Salomo, orang Yehuda dan orang Israel dari Dan sampai Bersyeba tinggal dengan aman damai, masing-masing memiliki pokok anggur serta pokok ara.

²⁶ Salomo mempunyai 40,000 buah kandang untuk kuda penarik segala ratanya, dan 12,000 orang anggota pasukan berkuda. ²⁷ Pada bulan yang telah ditentukan, setiap pegawainya harus menyediakan makanan untuk Raja Salomo dan

4:21: Kej 15:18; 2Taw 9:26.

4:26: 1Raj 10:26; 2Taw 1:14; 9:25.

semua orang yang ikut makan di meja Raja Salomo. Mereka harus memastikan bahawa tidak ada sesuatu pun yang kurang. ²⁸ Selaras dengan kewajipan masing-masing, mereka membawa barli dan jerami untuk semua kuda biasa serta kuda teji.

²⁹ Allah mengurniai Salomo kebijaksanaan dan pengertian yang luar biasa serta wawasan yang luas seperti hamparan pasir di tepi laut. ³⁰ Kebijaksanaan Salomo melebihi kebijaksanaan seluruh bani Timur dan segala kebijaksanaan orang Mesir. ³¹ Dia lebih bijak daripada semua orang, daripada Etan, orang Ezrahi, atau Heman, Kalkol, dan Darda, anak-anak Mahol. Maka masyhurlah namanya dalam kalangan semua bangsa di sekelilingnya. ³² Dia mengarang tiga ribu pepatah, dan lagu karyanya berjumlah 1,005 buah. ³³ Dia berbicara mengenai pepohonan, dari pokok araz di Lebanon sampai hisop yang tumbuh di dinding. Dia juga berbicara mengenai binatang, burung, binatang melata, dan ikan. ³⁴ Orang daripada segala bangsa datang untuk mendengar kebijaksanaan Salomo. Mereka ini utusan daripada semua raja di bumi yang telah mendengar tentang kebijaksanaannya itu.

Segala persiapan bagi pembinaan Bait Allah

5 ¹ Hiram, raja Tirus, mengutus pegawai-pegawainya kepada Salomo, kerana dia mendengar khabar bahawa Salomo telah dilantik sebagai raja untuk menggantikan ayahnya. Memang Hiram sentiasa menjadi sahabat Daud. ² Salomo pun mengutus orang kepada Hiram dengan pesan, ³ “Tuan maklum bahawa Daud, ayahku, tidak dapat membina sebuah bait bagi nama Tuhan, Allahnya, kerana peperangan terus mengelilingi dia, sampai Tuhan menaruh musuh-musuhnya di bawah telapak kakinya. ⁴ Tetapi sekarang, Tuhan, Allahku, telah mengurniai aku ketenteraman di segala penjuru. Tidak ada lagi lawan, dan tidak ada lagi kejadian buruk. ⁵ Jadi, aku berniat hendak membina sebuah bait bagi nama Tuhan, Allahku, sebagaimana firman Tuhan kepada Daud, ayahku: ‘Anakmu yang akan Kududukan di atas takhtamu untuk menggantikan engkau, dialah yang akan membina bait bagi nama-Ku.’ ⁶ Sekarang, sudilah kiranya tuan memerintahkan orang untuk menebang bagiku pokok-pokok araz dari Lebanon. Hamba-hambaku akan mendampingi hamba-hamba tuan, dan upah

hamba-hamba tuan akan kubayar kepada tuan seberapa pun yang tuan tetapkan. Tentu tuan maklum bahawa dalam kalangan kami tiada orang yang cekap dalam hal menebang pokok sebagaimana orang Sidon.”

⁷ Pada waktu Hiram mendengar kata-kata Salomo itu, dia sangat bersukacita. Katanya, “Segala puji bagi Tuhan pada hari ini, kerana Dia telah mengurniai Daud seorang anak yang bijak untuk mengetuai bangsa yang besar ini.” ⁸ Lalu Hiram mengirim utusan kepada Salomo, dengan pesan, “Aku telah mendengar pesan yang tuan kirimkan kepadaku. Akan kulakukan semua yang tuan kehendaki berhubungan dengan kayu araz dan kayu sanubar itu. ⁹ Hamba-hambaku akan membawa kayu itu turun dari Lebanon sampai ke laut, lalu aku akan mengikatnya sebagai rakit di laut untuk dibawa sampai ke tempat yang tuan tentukan. Di sana aku akan menyuruh mereka untuk membongkarnya, sehingga tuan dapat mengangkutnya. Sementara itu, biarlah tuan memenuhi keinginanku dengan menyediakan makanan bagi seisi istanaku.”

¹⁰ Jadi, Hiram memberi Salomo kayu araz dan kayu sanubar sebanyak yang dikehendakinya. ¹¹ Lalu Salomo memberi Hiram dua puluh ribu kor gandum sebagai bahan makanan bagi seisi istananya dan dua puluh kor minyak zaitun

tumbuk. Demikianlah diberikan Salomo kepada Hiram tahun demi tahun.

¹² Tuhan mengurniakan kebijaksanaan kepada Salomo seperti yang dijanjikan-Nya kepadanya. Antara Hiram dengan Salomo ada hubungan damai. Kedua-duanya mengikat perjanjian bersama.

¹³ Raja Salomo mengerahkan tiga puluh ribu orang buruh paksa daripada kalangan umat Israel.

¹⁴ Setiap bulan, disuruhnya sepuluh ribu orang antara mereka ke Lebanon secara bergilir-gilir. Sebulan lamanya mereka di Lebanon, lalu dua bulan yang berikutnya di rumah masing-masing. Adoniram bertugas mengetuai buruh paksa itu.

¹⁵ Salomo mempunyai tujuh puluh ribu orang tukang pikul dan lapan puluh ribu orang tukang pahat di pergunungan. ¹⁶ Selain itu, Salomo juga mempunyai tiga ribu tiga ratus orang pegawai utama yang mengetuai pekerjaan itu. Mereka memberikan arahan kepada orang yang melaksanakan pekerjaan itu. ¹⁷ Atas perintah raja, mereka menggali batu-batu besar, iaitu batu-batu mahal, untuk membuat dasar bait itu daripada batu-batu pahat. ¹⁸ Sementara itu para tukang bangunan Salomo, para tukang bangunan Hiram, dan orang Gebal memahat

serta menyediakan kayu dan batu untuk membina bait itu.

Raja Salomo mendirikan Bait Allah

6¹ Pada tahun keempat ratus lapan puluh setelah orang Israel keluar dari Tanah Mesir, tahun keempat pemerintahan Salomo atas orang Israel, Salomo memulai pembinaan Bait Tuhan pada bulan Ziw, iaitu bulan kedua.² Bait yang dibangunkan oleh Raja Salomo bagi Tuhan itu sepanjang enam puluh hasta, selebar dua puluh hasta, dan setinggi tiga puluh hasta.³ Di hadapan ruang besar bait itu ada serambi sepanjang dua puluh hasta iaitu mengikut lebar bait itu, dan selebar sepuluh hasta menganjung ke sebelah hadapan bait itu.⁴ Pada bait itu dibuatnya jendela-jendela yang berbidai rapat.⁵ Kemudian dia membina beberapa tingkat bilik tambahan pada dinding bait itu secara berkeliling, mengitari ruang besar dan juga ruang belakang.⁶ Tingkat bawahnya selebar lima hasta, tingkat tengah selebar enam hasta, manakala tingkat ketiga selebar tujuh hasta. Di sekeliling dinding bait sebelah luar, dibuatnya birai-birai pengimbang supaya segala alang tidak perlu ditancap pada dinding bait itu.

⁷ Batu-batu yang digunakan untuk pembinaan bait itu kesemuanya disiapkan di lombong supaya

selama pembinaan itu, tidak terdengar bunyi penukul, kapak, atau perkakas besi apa-apa pun di bait itu.

⁸ Pintu bilik tingkat bawah ditempatkan pada sisi kanan bait itu, dan untuk sampai ke tingkat tengah seseorang harus menaiki tangga berlingkar-lingkar, begitu jugalah dari tingkat tengah ke tingkat ketiga. ⁹ Demikianlah dia membina bait itu dan menyiapkannya. Siling bait itu dibuatnya daripada alang dan papan kayu araz. ¹⁰ Bilik-bilik tambahan yang dibinanya di sekeliling bait itu masing-masing setinggi lima hasta, dan semuanya terhubung pada bait itu dengan kayu araz.

¹¹ Kemudian datanglah firman Tuhan kepada Salomo demikian, ¹² “Mengenai bait yang sedang kaubina ini, jika engkau mengikuti segala ketetapan-Ku, mentaati segala peraturan-Ku, dan berpegang teguh pada segala perintah-Ku serta kamu tetap hidup dalamnya, maka Aku akan menepati janji-Ku kepadamu, yang telah Kufirmankan kepada Daud, ayahmu. ¹³ Aku akan bersemayam di tengah-tengah orang Israel dan tidak akan meninggalkan umat-Ku Israel.”

¹⁴ Demikianlah Salomo membina dan menyempurnakan bait itu. ¹⁵ Dia melapisi dinding sebelah di dalam bait itu dengan papan kayu araz, dari lantai bait sampai ke alang

silingnya, manakala lantai bait itu dilapisinya dengan papan kayu sanubar. ¹⁶ Kemudian di bahagian belakang bait itu dibuatnya ruang belakang sepanjang dua puluh hasta dengan disekat papan kayu araz dari lantai sampai ke gelegarnya untuk dijadikan Tempat Yang Maha Suci. ¹⁷ Jadi, ruang besar tepat di hadapan ruang belakang itu sepanjang empat puluh hasta. ¹⁸ Kayu araz pada bahagian dalam bait itu berukiran buah labu dan bunga yang mengembang. Semuanya daripada kayu araz dan tiada batu yang kelihatan.

¹⁹ Disiapkannya bahagian dalam ruang dalaman bait itu agar tabut perjanjian Tuhan dapat disimpan di sana. ²⁰ Ruang dalaman itu sepanjang dua puluh hasta, selebar dua puluh hasta, dan setinggi dua puluh hasta. Disalutnya ruang itu dengan emas murni, lalu disalutnya juga mazbah, dengan kayu araz. ²¹ Salomo menyalut bahagian dalam bait itu dengan emas murni. Dientangkannya rantai-rantai emas di hadapan ruang dalaman, lalu disalutnya ruang itu dengan emas. ²² Dia menyalut seluruh bait itu dengan emas hingga selesai. Juga seluruh mazbah yang ada pada ruang dalaman itu disalutnya dengan emas.

²³ Di ruang dalaman itu dibuatnya dua kerubin daripada kayu zaitun, masing-masing setinggi sepuluh hasta. ²⁴ Sayap kerubin yang satu itu sepanjang lima hasta. Demikian juga sayap yang satu lagi itu manakala jarak dari hujung sayap yang satu sampai ke hujung sayap yang lagi satu ialah sepuluh hasta. ²⁵ Kerubin yang kedua juga sepuluh hasta tingginya. Kedua-dua kerubin itu sama ukuran dan rupanya. ²⁶ Tinggi kerubin yang satu sepuluh hasta, demikian juga kerubin yang kedua. ²⁷ Kemudian diletaknya kedua-dua kerubin itu di tengah-tengah bahagian dalam bait itu dengan sayap yang terkembang. Sayap kerubin yang satu menyentuh dinding yang satu dan sayap kerubin yang kedua menyentuh dinding yang lagi satu manakala sayap-sayap lainnya saling bersentuhan di tengah-tengah bait itu. ²⁸ Lalu disalutnya kerubin-kerubin itu dengan emas.

²⁹ Secara berkeliling pada seluruh dinding bait itu, baik di sebelah dalam mahupun di luar, dibuatnya ukiran berupa kerubin, pokok kurma, dan bunga yang mengembang. ³⁰ Lantai bait itu disalutnya dengan emas, baik di ruang sebelah dalam mahupun di luar.

³¹ Bagi pintu masuk ke ruang dalaman itu dibuatnya daun pintu daripada kayu zaitun. Ambang dan tiangnya berbentuk segi lima.

³² Pada kedua-dua daun pintu daripada kayu zaitun itu dibuatnya pula ukiran berupa kerubin, pokok kurma, dan bunga yang mengembang, lalu disalutnya dengan emas. Selanjutnya, dia melapiskan emas pada kerubin dan pada pokok kurma itu.

³³ Demikian juga untuk pintu ruang besar dibuatnya tiang-tiang daripada kayu zaitun berbentuk segi empat. ³⁴ Kedua-dua daun pintu itu terbuat daripada kayu sanubar, masing-masing terdiri daripada dua keping papan yang dapat dilipat. ³⁵ Pada pintu itu dibuatnya ukiran berupa kerubin, pokok kurma, dan bunga yang mengembang, dan diratakan salutan emas pada ukiran itu.

³⁶ Dibinanya laman dalam dengan tiga lajur batu pahat dan satu lajur gelegar kayu araz.

³⁷ Pada bulan Ziw pada tahun keempat, diletakkanlah asas Bait Tuhan itu. ³⁸ Kemudian pada bulan Bul, iaitu bulan kelapan, pada tahun kesebelas, selesailah bait itu dengan semua bahagiannya, selaras dengan segala perinciannya. Jadi dia membina bait itu selama tujuh tahun lamanya.

Istana Raja Salomo

7 ¹ Salomo membina istananya pula dan setelah tiga belas tahun lamanya, sempurnalah pembinaan seluruh istananya itu. ² Bangunan yang dinamakannya “Istana Hutan Lebanon” itu sepanjang seratus hasta dan selebar lima puluh hasta, manakala tingginya tiga puluh hasta. Gedung ini disangga oleh empat deret tiang kayu araz dengan gelegar kayu araz di atas tiang-tiang itu. ³ Dari sisi atas, gedung ini ditutup dengan langit-langit kayu araz. Kayu araz itu ditempatkan di atas empat puluh lima batang gelegar yang disangga oleh tiang-tiang tadi, lima belas gelegar sederet. ⁴ Selain itu, ada tiga deret jendela berbidai yang saling berhadapan. ⁵ Semua pintu dan tiang pintu berbentuk segi empat, saling berhadapan dalam tiga deret.

⁶ Dia membuat pula Anjung Tiang sepanjang lima puluh hasta dan selebar tiga puluh hasta. Di depannya ada sebuah serambi yang bertiang dan sebuah bumbung di bahagian hadapannya.

⁷ Kemudian dibuatnya Balai Singgahsana, iaitu Balai Pengadilan tempat dia memutuskan hukum. Balai itu dipapankan dengan kayu araz dari lantai sampai ke langit-langit.

⁸ Rumah tempat tinggalnya sendiri terletak di laman dalam belakang yang lebih ke sebelah dalam berbanding dengan balai itu, dan kediamannya dibuat dengan cara yang sama. Selain itu, Salomo juga membuat sebuah rumah bagi puteri Firaun yang telah diperisterinya. Rumah itu serupa dengan balai ini.

⁹ Semua itu, dari dasar sampai ke atas dan dari luar sampai ke pelataran besar, terbuat daripada batu-batu mahal, iaitu batu yang dipahat menurut ukuran tertentu, digergaji dari sebelah dalam dan dari sebelah luar. ¹⁰ Dasarnya terbuat daripada batu-batu mahal pula, iaitu batu-batu besar, batu-batu berukuran sepuluh hasta dan lapan hasta. ¹¹ Di bahagian atasnya pun terdapat batu-batu mahal, iaitu batu yang dipahat menurut ukuran tertentu, dan kayu araz. ¹² Pelataran besar dikelilingi oleh tiga lajur batu pahat dan satu lajur gelegar kayu araz, serupa dengan pelataran dalam Bait Tuhan dan serambi bait itu.

Salomo menugaskan Hiram untuk menyediakan kelengkapan Bait Suci

¹³ Kemudian Raja Salomo mengutus orang untuk menjemput Hiram^c dari Tirus. ¹⁴ Hiram anak seorang balu daripada suku Naftali, manakala ayahnya warga Tirus dan seorang tukang gangsa. Dia seorang yang amat bijaksana, penuh dengan pengertian dan pengetahuan untuk mengerjakan sebarang pekerjaan yang menggunakan gangsa. Maka datanglah dia menghadap Raja Salomo, lalu melaksanakan segala yang ditugaskan kepadanya.

¹⁵ Dibentuknya dua batang tiang daripada gangsa, setiap tiang setinggi lapan belas hasta dan lilitan setiap tiang berukuran dua belas hasta. ¹⁶ Dibuatnya juga dua buah kepala tiang daripada gangsa tuangan untuk ditempatkan di atas tiang-tiang itu, setiap kepala tiang setinggi lima hasta. ¹⁷ Ada kerawang jala dan untaian rantai pada bahagian kepala-kepala tiang itu, tujuh kerawang untuk setiap kepala tiang. ¹⁸ Lalu dibuatnya dua deret buah delima berkeliling pada jala kepala tiang yang satu. Demikian juga dibuatnya untuk kepala tiang yang lagi satu itu.

^c**7:13** Hiram: Ejaan lain dalam Ibrani, Hiram.

¹⁹ Bahagian kepala di atas kedua-dua tiang dekat serambi itu berbentuk bunga bakung, empat hasta tingginya. ²⁰ Kepala tiang itu ada di bahagian teratas dua tiang itu, dekat rongga di sisi jala, manakala buah delima sebanyak dua ratus buah itu berderet-deret berkeliling pada kedua-dua kepala tiang itu.

²¹ Kemudian didirikannya tiang-tiang itu di serambi Bait Suci. Tiang yang didirikannya di sebelah kanan dinamainya Yakhin, dan tiang yang didirikannya di sebelah kiri dinamainya Boas.

²² Pada kepala-kepala tiang itu terdapat bunga bakung buatan. Demikianlah dia menyelesaikan pekerjaan dengan membuat tiang-tiang itu.

²³ Selanjutnya, dibuatnya kolam logam tuangan bulat berkeliling berukuran sepuluh hasta dari tepi ke tepi, setinggi lima hasta, dan dapat dililit oleh tali pengukur sepanjang tiga puluh hasta.

²⁴ Di bawah tepi kolam itu ada arca buah labu yang mengitari sekelilingnya, sepuluh buah dalam sehasta. Buah labu yang terdiri daripada dua deret dibuat setuangan dengan kolam itu. ²⁵ Kolam itu didirikan di atas dua belas ekor lembu jantan: tiga menghadap ke utara, tiga menghadap ke barat, tiga menghadap ke selatan, dan tiga menghadap ke timur. Kolam itu ditempatkan di atas lembu-lembu jantan itu, dengan semua buntut lembu itu mengarah ke

dalam. ²⁶ Tebal kolam itu setelapak tangan dan tepinya dibuat seperti tepi cawan, seperti bunga bakung yang mengembang. Kolam itu dapat memuat dua ribu bat air.

²⁷ Setelah itu, dibuatnya sepuluh buah dasar penopang daripada gangsa, setiap satu sepanjang empat hasta, selebar empat hasta, dan setinggi tiga hasta. ²⁸ Dasar penopang itu dibentuk daripada papan yang masing-masing diapit bingkai. ²⁹ Pada papan-papan berbingkai itu terdapat gambar singa, lembu, dan kerubin, demikian juga pada bingkai-bingkainya. Di sebelah atas dan bawah gambar singa dan lembu itu ada karangan bunga buatan yang tergantung. ³⁰ Setiap dasar penopang ada empat roda gangsa dengan gandar daripada gangsa juga. Pada keempat-empat penjurunya ada penyangga untuk menyangga bejana pembasuhan. Penyangga-penyangga itu dituang dan ada karangan bunga pada sisi masing-masing. ³¹ Pada dasar penopang itu ada semacam mulut, tingginya sehasta. Mulut itu bundar, berfungsi sebagai tumpuan, satu hasta setengah dalamnya. Di sekeliling mulut itu juga terdapat ukiran. Namun begitu, papan-papan bingkainya berbentuk segi empat, bukan bulat. ³² Keempat-empat roda ada di bahagian bawah kepingan papan itu, dan gandar-gandar rodanya

menempel pada dasar penopang itu. Setiap roda setinggi satu hasta setengah, ³³ sementara bentuk rodanya seperti roda rata. Gandarnya, lingkarnya, jejarnya, dan pusatnya, semuanya tuangan. ³⁴ Pada keempat-empat sudut setiap dasar penopang itu terdapat empat penyangga, yang semuanya seiras dengan dasar penopang itu. ³⁵ Di sebelah atas dasar penopang itu ada leher bundar, setengah hasta tingginya, dan juga ada penopang-penopang serta papan-papan yang seiras dengannya. ³⁶ Pada muka penopang dan papan itu diukirnya gambar kerubin, singa, dan pokok kurma, setiap satunya selaras dengan ruang yang tersedia, dengan karangan bunga berkeliling. ³⁷ Demikianlah dibuatnya sepuluh dasar penopang itu. Tuangannya, ukurannya, dan bentuknya sama semuanya.

³⁸ Dia juga membuat sepuluh bejana pembasuhan daripada gangsa. Setiap bejana selebar empat hasta dan dapat memuat empat puluh bat air. Lalu setiap bejana ditempatkan di atas sepuluh dasar penopang itu. ³⁹ Ditaruhnya lima dasar penopang di sebelah selatan bait itu dan lima di sebelah kiri. Kemudian kolam tuangan ditempatkannya di sebelah kanan bait,

menghadap ke tenggara. ⁴⁰ Huram juga membuat periuk, penyodok, dan bejana.

Demikianlah Huram selesai semua pekerjaan yang harus dilakukannya bagi Raja Salomo di Bait Tuhan:

⁴¹ dua batang tiang,
mangkuk kepala tiang yang ada di atas dua
batang tiang itu;

kedua-dua jala yang menudungi dua biji
mangkuk kepala tiang itu;

⁴² empat ratus buah delima untuk kedua-dua
jala itu, dua deret buah delima pada setiap
jala yang menudungi dua biji mangkuk
kepala tiang itu;

⁴³ sepuluh penopang dengan sepuluh bejana
pembasuhan di atas penopang itu;

⁴⁴ sebuah kolam tuangan dengan kesemua dua
belas arca lembu jantan di bawahnya;

⁴⁵ Periuk, penyodok, dan bejana.

Segala alat kelengkapan yang dibuat Huram bagi Raja Salomo di Bait Tuhan itu adalah daripada gangsa yang digilapkan. ⁴⁶ Raja menyuruh agar semua itu dituang di Lembah Yordan, di dalam tanah liat, di antara Sukot dengan Sartan.

⁴⁷ Semua alat kelengkapan itu dibiarkan Salomo tidak ditimbang kerana jumlahnya amat besar. Tidak dapat diketahui berat gangsa itu.

⁴⁸ Salomo juga membuat segala alat kelengkapan yang ada di Bait Tuhan: mazbah daripada emas; meja-meja emas tempat roti persembahan; ⁴⁹ kaki pelita daripada emas murni, lima di sebelah kanan dan lima di sebelah kiri, di hadapan ruang belakang; bunga-bunganya, pelita-pelitanya, dan penyepit-penyepitnya yang terbuat daripada emas; ⁵⁰ mangkuk, sepit, bejana, pedupaan, dan perbaraannya yang diperbuat daripada emas murni; engsel-engsel daripada emas untuk pintu bait sebelah dalam, iaitu Tempat Yang Maha Suci, dan untuk pintu ruang besar Bait Suci.

⁵¹ Maka selesailah segala pekerjaan yang dilaksanakan Raja Salomo di Bait Tuhan. Salomo membawa masuk barang persembahan suci Daud, ayahnya, iaitu perak, emas, dan kelengkapan-kelengkapan itu, lalu menaruhnya di dalam perbendaharaan Bait Tuhan.

Tabut perjanjian dipindahkan ke dalam Bait Suci

8 ¹ Lalu Raja Salomo mengumpulkan tua-tua Israel dan semua ketua suku, pemimpin kaum keluarga bani Israel untuk menghadapnya

7:48 a: Kel 30:1-3; **b:** Kel 25:23-30. **7:49:** Kel 25:31-40.

7:51: 2Sam 8:11; 1Taw 18:11.

8:1: 2Sam 6:12-16; 1Taw 15:25-29.

di Yerusalem supaya mereka mengangkut tabut perjanjian Tuhan dari Kota Daud, yaitu Sion. ² Maka berkumpullah semua orang Israel menghadap Raja Salomo pada hari perayaan pada bulan Etanim, yaitu bulan ketujuh. ³ Setelah semua tua-tua Israel datang, para imam pun mengusung tabut itu. ⁴ Mereka mengangkut tabut Tuhan, Khemah Pertemuan, dan segala kelengkapan suci yang ada di dalam khemah itu. Semua itu diangkut oleh imam dan bani Lewi. ⁵ Lalu Raja Salomo dan seluruh umat Israel yang telah berkumpul di hadapannya berdiri di depan tabut itu, dan mengorbankan domba serta lembu yang tidak terhitung dan tidak terbilang banyaknya. ⁶ Kemudian para imam membawa tabut perjanjian Tuhan masuk ke tempatnya, di ruang dalaman bait itu, yaitu Tempat Yang Maha Suci, dan tabut itu diletakkan di bawah sayap kerubin. ⁷ Jadi kerubin-kerubin itu mengembang sayap di atas tempat tabut itu dan membayangi tabut dan kayu-kayu pengusungnya dari atas. ⁸ Kayu-kayu pengusung itu sedemikian panjang sehingga hujung-hujungnya terlihat dari Tempat Suci di hadapan ruang dalaman, tetapi tidak terlihat dari luar. Di situlah tempatnya sampai hari ini. ⁹ Tidak ada yang lain di dalam tabut

itu kecuali dua loh batu yang diletakkan Musa di dalamnya di Horeb, ketika Tuhan mengikat perjanjian dengan orang Israel, setelah mereka keluar dari Tanah Mesir.

¹⁰ Pada waktu para imam keluar dari Tempat Suci, tiba-tiba awan memenuhi Bait Tuhan

¹¹ lantas para imam tidak dapat berdiri untuk menyelenggarakan ibadat kerana awan itu berkilau-kilauan oleh kemuliaan Tuhan yang memenuhi Bait Tuhan.

¹² Kemudian berkatalah Salomo,

“Tuhan telah berfirman

bahawa Dia bersemayam dalam kelam pekat.

¹³ Sesungguhnya, aku telah membina bait agung bagi hadirat-Mu, tempat Engkau hadir selama-lamanya.”

Pidato Raja Salomo di hadapan orang Israel

¹⁴ Kemudian raja berpaling dan memohonkan berkat untuk seluruh jemaah Israel, ketika seluruh jemaah Israel berdiri. ¹⁵ Dia berkata, “Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel! Dia sendiri telah berfirman kepada Daud, ayahku, dan telah menggenapinya dengan kuasa-Nya. Firman-Nya, ¹⁶ ‘Sejak Aku membawa umat-Ku Israel keluar

8:10: Kel 40:34,35. **8:12:** Mzm 18:11; 97:2.

8:16: 2Sam 7:4-11; 1Taw 17:3-10.

dari Mesir, tidak ada kota yang Kupilih antara semua suku Israel untuk membina sebuah bait supaya nama-Ku akan tetap di sana. Tetapi Aku memilih Daud untuk mengetuai umat-Ku Israel.'

¹⁷ Lalu Daud, ayahku, berniat membina sebuah bait bagi nama Tuhan, Allah Israel. ¹⁸ Tetapi Tuhan berfirman kepada Daud, ayahku, 'Niatmu untuk membina bait bagi nama-Ku itu memang baik. ¹⁹ Hanya, bukan engkau yang akan membina bait itu, melainkan anak kandungmu yang akan lahir kelak. Dialah yang akan membina sebuah bait bagi nama-Ku.'

²⁰ Sekarang Tuhan telah menepati firman yang disampaikan-Nya, kerana aku telah bangkit untuk menggantikan Daud, ayahku. Aku telah duduk di atas takhta kerajaan Israel, seperti yang difirmankan Tuhan, dan telah membina bait bagi nama Tuhan, Allah Israel. ²¹ Di sana telah disediakan tempat untuk tabut berisi perjanjian Tuhan, yang diikat-Nya dengan nenek moyang kita ketika Dia membawa mereka keluar dari Tanah Mesir."

8:17: 2Sam 7:1-3; 1Taw 17:1,2.

8:19: 2Sam 7:12,13; 1Taw 17:11,12.

Doa Raja Salomo

²² Setelah itu, Salomo berdiri menghadap mazbah Tuhan, di hadapan seluruh jemaah Israel, lalu menadahkan tangannya ke langit.

²³ Katanya, “Ya Tuhan, Allah Israel, tidak ada Allah yang seperti Engkau, baik di langit di atas mahupun di bumi di bawah. Engkau berpegang teguh pada perjanjian dan kasih abadi bagi hamba-hamba-Mu yang hidup di hadapan-Mu dengan segenap hati mereka. ²⁴ Engkau yang berpegang teguh pada apa yang Kaujanjikan kepada hamba-Mu Daud, ayahku. Engkau sendiri telah berfirman lalu mengotakannya dengan kuasa-Mu, seperti yang terjadi pada hari ini.

²⁵ Sekarang, ya Tuhan, Allah Israel, peganglah apa yang telah Kaujanjikan kepada hamba-Mu Daud, ayahku, dengan berfirman, ‘Di hadapan-Ku, tidak akan terputus keturunanmu yang akan duduk di atas takhta kerajaan Israel, asalkan anak-anakmu tetap hidup di hadapan-Ku sebagaimana engkau telah hidup di hadapan-Ku.’ ²⁶ Sekarang, ya Allah Israel, biarlah terbukti firman yang Kausampaikan kepada hamba-Mu Daud, ayahku.

²⁷ Akan tetapi, sungguhkah Allah mahu tinggal di atas bumi? Sesungguhnya, langit bahkan langit

di atas segala langit pun tidak dapat memuat Engkau, apa lagi bait yang kubangunkan ini! ²⁸ Tiliklah doa dan permohonan hamba-Mu ini, ya Tuhan, Allahku. Dengarlah seruan dan doa yang hamba-Mu panjatkan di hadirat-Mu pada hari ini. ²⁹ Biarlah mata-Mu terbuka terhadap bait ini, baik siang mahupun malam, terhadap tempat yang Kaufirmankan, 'Nama-Ku akan tinggal di situ.' Semoga Engkau dengarlah doa yang hamba-Mu panjatkan dengan menghadap ke tempat ini. ³⁰ Dengarlah permohonan hamba-Mu dan umat-Mu Israel ketika mereka berdoa dengan menghadap ke tempat ini. Dengarlah dari tempat tinggal-Mu di syurga, dan ampunilah kami ketika Engkau mendengarkannya.

³¹ Jika seseorang berdosa terhadap sesamanya, dia harus mengangkat sumpah, dan datang bersumpah di depan mazbah-Mu di bait ini, ³² maka dengarlah kiranya di syurga dan bertindaklah. Adililah hamba-hamba-Mu; hukumlah orang yang bersalah, dan timpakanlah perbuatannya pada dirinya sendiri. Pertahankanlah orang benar, dan ganjarlah dia selaras dengan perbenarannya.^d

^d**8:32** Perkataan 'perbenarannya' merujuk kepada perbuatan dan tingkah laku yang tidak bersalah.

³³ Jika umat-Mu Israel dikalahkan oleh musuh kerana mereka berdosa terhadap Engkau, kemudian mereka berbalik kepada-Mu, mengakui keagungan nama-Mu, berdoa, dan memohon belas kasihan di hadapan-Mu di bait ini, ³⁴ maka dengarlah kiranya di syurga. Ampunkanlah dosa umat-Mu Israel dan bawalah mereka kembali ke tanah yang telah Kaukurniakan kepada nenek moyang mereka.

³⁵ Apabila langit tertutup dan hujan tidak kunjung turun kerana mereka telah berdosa terhadap Engkau, lalu mereka berdoa dengan menghadap ke tempat ini, mengakui keagungan nama-Mu, dan berbalik daripada dosa mereka kerana Engkau telah menindas mereka, ³⁶ maka dengarlah kiranya di syurga. Ampunkanlah dosa hamba-hamba-Mu dan umat-Mu Israel – kerana Engkaulah yang mengajar mereka jalan baik yang patut ditempuh mereka – dan turunkanlah hujan ke tanah-Mu, yang telah Kaukurniakan sebagai harta pusaka kepada umat-Mu.

³⁷ Jika ada bencana kebuluran di negeri, penyakit sampar, kelayuan tanaman, penyakit bijirin, belalang besar, dan belalang pemusnah; jika musuh mengepung salah sebuah kota di negeri mereka; jika ada wabak atau penyakit apa-apa pun, ³⁸ lalu seseorang atau seluruh umat-Mu Israel memanjatkan suatu doa atau

permohonan sambil menadahkan tangan dengan menghadap ke bait ini, kerana masing-masing mengetahui kesusahan hati diri sendiri, ³⁹ maka dengarlah kiranya di syurga, tempat tinggal-Mu. Ampunilah, bertindaklah, dan balaslah setiap orang selaras dengan jalan hidupnya kerana Engkau mengetahui isi hatinya – hanya Engkaulah yang mengetahui isi hati semua anak manusia. ⁴⁰ Dengan demikian mereka akan takut kepada-Mu selama mereka hidup di tanah yang telah Kaukurniakan kepada nenek moyang kami.

⁴¹ Juga bagi orang asing yang tidak termasuk umat-Mu Israel, yang datang dari negeri jauh kerana nama-Mu – ⁴² kerana mereka akan mendengar tentang nama-Mu yang besar, tangan-Mu yang perkasa, dan lengan-Mu yang terhulur – apabila dia datang serta berdoa dengan menghadap ke bait ini, ⁴³ maka dengarlah kiranya dari syurga, tempat tinggal-Mu. Bertindaklah selaras dengan semua yang diserukan kepada-Mu oleh orang asing itu. Dengan demikian, segala bangsa di bumi dapat mengenal nama-Mu serta takut kepada-Mu seperti umat-Mu Israel dan mereka tahu bahawa nama-Mu diserukan atas bait yang kubangunkan ini.

⁴⁴ Jika umat-Mu maju berperang melawan musuh mereka, ke mana-mana pun Kausuruh

mereka, dan jika mereka berdoa kepada Tuhan dengan berkiblat ke kota yang Kaupilih serta ke bait yang kubangunkan bagi nama-Mu, ⁴⁵ maka dengarlah kiranya di syurga doa dan permohonan mereka. Belalah perkara mereka.

⁴⁶ Jika mereka berdosa terhadap Engkau – kerana tidak ada manusia yang tidak berdosa – dan Engkau murka terhadap mereka serta menyerahkan mereka kepada musuh sehingga mereka dibuang sebagai tawanan ke negeri musuh yang jauh atau yang dekat, ⁴⁷ dan jika mereka sedar akan diri di negeri tempat mereka tertawan, lalu berbalik serta memohon belas kasihan kepada-Mu di negeri tempat mereka tertawan itu dengan berkata, ‘Kami telah berdosa, bersalah, dan berbuat fasiq;’ ⁴⁸ jika mereka berbalik kepada-Mu dengan segenap hati serta dengan segenap jiwa di negeri musuh yang menawan mereka, dan jika mereka berdoa kepada-Mu dengan berkiblat ke negeri yang telah Kaukurniakan kepada nenek moyang mereka, ke kota yang telah Kaupilih, dan ke bait yang telah kubina bagi nama-Mu, ⁴⁹ maka dengarlah kiranya di syurga, tempat tinggal-Mu, doa dan permohonan mereka serta belalah perkara mereka. ⁵⁰ Ampunilah umat-Mu, yang telah berdosa terhadap Engkau, dan segala pelanggaran yang dilakukan mereka terhadap

Engkau. Biarlah sesiapa yang menawan mereka berbelas kasihan terhadap mereka, ⁵¹ kerana mereka umat-Mu dan harta pusaka-Mu yang telah Kaubawa keluar dari Mesir, daripada tengah-tengah relau peleburan besi.

⁵² Biarlah mata-Mu terbuka terhadap permohonan hamba-Mu ini dan terhadap permohonan umat-Mu Israel, sehingga Engkau mendengar mereka bila-bila masa pun mereka berseru kepada-Mu. ⁵³ Kerana Engkaulah yang mengasingkan mereka daripada kalangan segala bangsa di bumi sebagai harta pusaka-Mu, seperti yang telah Kaufirmankan dengan perantaraan Musa, hamba-Mu, ketika Engkau membawa nenek moyang kami keluar dari Mesir, ya Tuhan Allah.”

Ucapan dan pujian

⁵⁴ Setelah Salomo selesai memanjatkan doa dan permohonan itu kepada Tuhan, bangkitlah dia dari hadapan mazbah Tuhan itu, dari tempat dia bertelut sambil menadahkan kedua-dua belah tangannya ke langit. ⁵⁵ Dia berdiri dan memohon berkat bagi seluruh jemaah Israel dengan suara nyaring, katanya, ⁵⁶ “Segala puji bagi Tuhan yang telah mengurniakan ketenteraman kepada

umat-Nya Israel selaras dengan semua janji-Nya. Tidak ada satu hal pun yang gagal daripada semua janji-Nya yang baik, yang disampaikan-Nya dengan perantaraan Musa, hamba-Nya. ⁵⁷ Semoga Tuhan, Allah kita, menyertai kita, sebagaimana Dia menyertai nenek moyang kita. Semoga Dia tidak meninggalkan kita dan tidak menterlantarkan kita. ⁵⁸ Kiranya Dia mencondongkan hati kita kepada-Nya, sehingga kita mengikuti segala jalan-Nya dan berpegang teguh pada segala perintah-Nya, ketetapan-Nya serta peraturan-Nya yang telah diperintahkan-Nya kepada nenek moyang kita. ⁵⁹ Biarlah kata-kataku ini, yang telah kumohon di hadapan Tuhan, tetap dekat kepada Tuhan, Allah kita, siang dan malam, supaya Dia membela perkara hamba-Nya serta perkara umat-Nya Israel, sebagaimana diperlukan hari demi hari. ⁶⁰ Dengan demikian, segala suku bangsa di bumi ini dapat mengetahui bahawa Tuhan ialah Allah, dan tidak ada yang lain. ⁶¹ Biarlah hatimu tulus kepada Tuhan, Allah kita, sehingga kamu hidup menurut segala ketetapan-Nya dan berpegang teguh pada segala perintah-Nya, seperti pada hari ini.”

Salomo mentahbiskan Bait Suci

⁶² Kemudian raja berserta dengan semua orang Israel mempersembahkan korban sembelihan di hadapan Tuhan. ⁶³ Salomo mempersembahkan 22,000 ekor lembu dan 120,000 ekor domba sebagai korban kedamaian kepada Tuhan. Demikianlah raja dan seluruh orang Israel merasmikan Bait Tuhan. ⁶⁴ Pada hari itu juga raja menyucikan bahagian tengah laman dalam yang terletak di hadapan Bait Tuhan, kerana di situ dia mempersembahkan korban bakaran, persembahan bahan makanan, dan lemak korban kedamaian, kerana mazbah gangsa yang ada di hadapan Tuhan itu terlalu kecil untuk memuat korban bakaran, persembahan bahan makanan, dan lemak korban kedamaian itu.

⁶⁵ Pada waktu itu juga di hadapan Tuhan, Allah kita, Salomo mengadakan perayaan bersama-sama semua orang Israel – suatu jemaah yang besar, dari jalan masuk Hamat sampai ke Wadi Mesir. Perayaan itu berlangsung selama tujuh hari, lalu ditambah tujuh hari lagi, sehingga menjadi empat belas hari. ⁶⁶ Pada hari kelapan dia melepaskan bangsa itu pulang. Mereka memohon berkat bagi raja, lalu pulang ke khemah mereka dengan gembira dan riang hati kerana semua kebaikan yang telah ditunjukkan

Tuhan kepada Daud, hamba-Nya serta kepada Israel, umat-Nya.

Allah menampakkan diri lagi kepada Raja Salomo

9¹ Setelah Salomo selesai membina Bait Tuhan, istana raja, dan segala sesuatu yang ingin dibuatnya, ² Tuhan menampakkan diri kepada Salomo buat kali keduanya, seperti dahulu Dia menampakkan diri kepadanya di Gibeon. ³ Firman Tuhan kepadanya, “Aku telah mendengar doa dan permohonanmu yang kaupanjatkan di hadirat-Ku. Aku telah menyucikan bait yang kaubina itu dan menegakkan nama-Ku di situ untuk selama-lamanya. Mata-Ku dan hati-Ku akan ada di sana sepanjang masa. ⁴ Mengenai engkau, jika engkau hidup di hadapan-Ku sama seperti Daud, ayahmu, iaitu dengan tulus hati dan jujur serta engkau bertindak selaras dengan segala sesuatu yang Kuperintahkan kepadamu dan berpegang teguh pada segala ketetapan serta peraturan-Ku, ⁵ maka Aku akan meneguhkan takhta kerajaanmu atas orang Israel untuk selama-lamanya seperti yang telah Kujanjikan kepada Daud, ayahmu, demikian, ‘Tidak akan terputus keturunanmu daripada takhta kerajaan Israel.’ ⁶ Akan tetapi,

jika kamu dan anak-anakmu berhenti mengikut Aku serta tidak berpegang teguh pada segala perintah-Ku dan segala ketetapan yang telah Kuberikan kepadamu, lalu pergi beribadat kepada mana-mana tuhan lain serta sujud menyembah tuhan-tuhan itu, ⁷ maka Aku akan menyingkirkan orang Israel dari tanah yang telah Kukurniakan kepada mereka, dan bait yang telah Kusucikan bagi nama-Ku itu akan Kubuang daripada hadirat-Ku. Antara segala bangsa jua Israel akan menjadi suatu ibarat dan sindiran. ⁸ Bait yang ditinggikan ini akan membuat setiap orang yang melaluinya tercengang, mencemuh, dan berkata, 'Mengapakah Tuhan berbuat demikian terhadap negeri ini dan bait ini?' ⁹ Maka orang akan menjawab, 'Kerana mereka meninggalkan Tuhan, Allah mereka, yang membawa nenek moyang mereka keluar dari Tanah Mesir. Mereka berpaut kepada tuhan-tuhan lain, sujud menyembah dan beribadat kepada tuhan-tuhan itu. Itulah sebabnya Tuhan mendatangkan segala malapetaka ini kepada mereka.' "

Beberapa daya usaha Raja Salomo

¹⁰ Setelah berakhir tempoh dua puluh tahun Salomo membina dua gedung itu, iaitu Bait

Tuhan dan istana raja, ¹¹ Raja Salomo memberi Hiram dua puluh kota di Tanah Galilea, kerana Hiram, raja Tirus itu, telah membekalkan kayu araz, kayu sanubar, dan emas kepada Salomo, sebanyak mana yang dikehendakinya. ¹² Lalu Hiram pergi dari Tirus untuk melihat kota-kota yang diberikan Salomo kepadanya, tetapi semua kota itu tidak menyenangkan hatinya. ¹³ Maka katanya, “Kota-kota macam apakah yang kauberikan kepadaku ini, saudaraku?” Oleh sebab itu orang menamainya Tanah Kabul sampai hari ini. ¹⁴ Hiram telah mengirimi raja seratus dua puluh talenta emas.

¹⁵ Inilah perihal buruh paksa yang dikerahkan oleh Raja Salomo untuk membina Bait Tuhan, istananya sendiri, Milo, tembok Yerusalem, Hazor, Megido, dan Gezer. ¹⁶ (Dahulunya Firaun, raja Mesir, maju berperang merebut Gezer. Dia membakar habis kota itu dan membunuh warga Kanaan yang tinggal di situ. Kemudian dia memberikan kota itu kepada anaknya, isteri Salomo, sebagai hadiah pernikahan. ¹⁷ Maka Salomo membina Kota Gezer kembali.) Dia juga membina Bet-Horon Hilir, ¹⁸ Baalat, dan Tamar^e di gurun di negeri itu, ¹⁹ semua kota perbekalan yang dimiliki Salomo, kota-kota

^e9:18 Nama Tamar lain: Tadmor.

tempat rata, kota-kota tempat pasukan berkuda, dan apa-apa pun yang ingin dibina Salomo di Yerusalem, di Lebanon, dan di seluruh negeri di bawah kekuasaannya. ²⁰ Semua orang yang tersisa daripada orang Amori, orang Het, orang Feris, orang Hewi, dan orang Yebus, yang tidak termasuk orang Israel, ²¹ iaitu keturunan orang itu yang masih tinggal di negeri itu serta yang tidak dapat ditumpaskan oleh orang Israel, merekalah yang dikerahkan Salomo sebagai buruh paksa, dan demikianlah keadaan mereka sampai hari ini. ²² Sebaliknya, daripada kalangan orang Israel tidak ada seorang pun yang dijadikan hamba oleh Salomo. Mereka dijadikan pejuang, pegawai, pembesar, ajutan, atau panglima kepada pasukan rata dan pasukan berkudanya.

²³ Inilah jumlah pegawai utama yang mengetuai pekerjaan Salomo: lima ratus lima puluh orang menyelia rakyat yang melakukan pekerjaan itu.

²⁴ Setelah puteri Firaun berpindah dari Kota Daud ke istana yang khusus dibina Salomo untuknya, maka Salomo pun membina Milo.

²⁵ Tiga kali setahun Salomo mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian di atas mazbah yang dibinanya bagi Tuhan. Dibakarnya pula dupa di atas mazbah pembakaran dupa

yang ada di hadapan Tuhan. Demikianlah dia menyelesaikan bait itu.

²⁶ Raja Salomo juga membina seangkatan kapal di Ezion-Geber, yang letaknya dekat Elot, di tepi Laut Merah, Tanah Edom. ²⁷ Lalu Hiram mengirimkan beberapa orang anak buahnya, iaitu awak-awak kapal yang mahir melayari laut, untuk menaiki kapal itu bersama-sama anak buah Salomo. ²⁸ Mereka berlayar ke Ofir dan mengambil dari sana empat ratus dua puluh talenta emas yang dibawa mereka kepada Raja Salomo.

Salomo melayani ratu negeri Syeba

10 ¹ Setelah ratu negeri Syeba mendengar khabar tentang kemasyhuran Salomo dalam hal yang berkaitan dengan nama Tuhan, datanglah dia untuk menguji Salomo dengan teka-teki. ² Dia datang ke Yerusalem dengan rombongan yang amat besar dan unta-unta yang mengangkut rempah-ratus, serta emas dan batu permata yang sangat banyak. Ketika dia bertemu dengan Salomo, dia pun bercakap dengan Salomo tentang semua yang ada dalam benaknya. ³ Salomo menjawab semua pertanyaannya. Bagi raja, tidak ada hal

tersembunyi yang tidak dapat dijelaskannya kepada ratu itu. ⁴ Maka setelah ratu negeri Syeba melihat segala kebijaksanaan Salomo, istana yang dibinanya, ⁵ santapan di mejanya, cara duduk pegawainya, cara pelayannya melayani dan berpakaian, jururasa santapannya, dan korban bakaran yang dipersembahkannya di Bait Tuhan, dia pun sangat takjub. ⁶ Katanya kepada raja, “Ternyata benar khabar yang kudengar di negeriku tentang tuan dan tentang kebijaksanaan tuan. ⁷ Aku tidak mempercayai khabar-khabar itu sampai aku datang dan melihatnya dengan mata kepalaku sendiri. Sesungguhnya, apa yang dikhabarkan kepadaku belumlah sampai separuh daripada semuanya. Kebijaksanaan dan kemakmuran tuan melebihi khabar yang kudengar. ⁸ Berbahagialah anak buah tuan dan berbahagialah pegawai tuan ini, yang sentiasa melayani tuan serta mendengar kebijaksanaan tuan. ⁹ Segala puji bagi Tuhan, Allahmu, yang telah berkenan kepada tuan, sehingga Dia mendudukkan tuan di atas takhta kerajaan Israel! Kerana Tuhan mengasihi Israel untuk selama-lamanya, maka diangkat-Nya tuan untuk

menjadi raja, supaya tuan menegakkan keadilan dan perbenaran.^f”

¹⁰ Kemudian ratu memberi raja seratus dua puluh talenta emas, rempah-ratus dan batu permata yang sangat banyak. Tidak pernah datang lagi rempah-ratus sebanyak pemberian ratu negeri Syeba kepada Raja Salomo itu.

¹¹ Tambahan pula angkatan kapal Hiram, yang mengangkut emas dari Ofir, membawa dari Ofir banyak sekali kayu cendana dan batu permata.

¹² Daripada kayu cendana itu raja membuat anjungan untuk Bait Tuhan dan istana raja, serta kecapi dan gambus bagi penyanyi. Kayu cendana yang demikian itu tidak pernah datang lagi dan tidak pernah terlihat lagi sampai hari ini.

¹³ Raja Salomo memberi ratu negeri Syeba semua yang dikehendakinya dan yang dimintanya, selain apa yang telah diberikan raja kepadanya selaras dengan kemurahan hati Raja Salomo. Lalu ratu itu berangkat pulang ke negerinya bersama-sama para pegawainya.

Kekayaan besar Raja Salomo

¹⁴ Emas yang dibawa kepada Salomo dalam setahun seberat enam ratus enam puluh enam

^f**10:9** Perbenaran: Lihat Kamus Alkitab bagi keterangan makna perkataan ini.

talenta, ¹⁵ belum termasuk yang dibawa oleh semua saudagar, pedagang, raja Arab, dan pembesar negeri itu.

¹⁶ Raja Salomo membuat dua ratus perisai besar daripada emas tempaan. Enam ratus syikal emas terpakai untuk sebuah perisai besar. ¹⁷ Dia juga membuat tiga ratus perisai kecil daripada emas tempaan. Tiga mina emas terpakai untuk sebuah perisai kecil. Lalu raja menaruh semua itu di dalam gedung “Hutan Lebanon.”

¹⁸ Selain itu raja juga membuat sebuah takhta besar daripada gading dan menyalutnya dengan emas tua. ¹⁹ Takhta itu mempunyai enam anak tangga dan bahagian belakang takhta itu berpuncak bulat. Pada setiap sisi tempat duduknya ada pegangan tangan. Di sisi semua pegangan tangan itu berdirilah patung dua ekor singa, ²⁰ manakala di atas keenam-enam anak tangga berdirilah patung dua belas ekor singa sebelah-menyebelah. Belum pernah dibuat barang seperti itu di kerajaan mana-mana pun.

²¹ Segala perkakas minuman Raja Salomo terbuat daripada emas, dan segala alat kelengkapan gedung “Hutan Lebanon” terbuat daripada emas murni, tidak ada yang terbuat daripada perak. Pada zaman Salomo perak sudah tidak dianggap berharga lagi. ²² Raja mempunyai kapal-kapal Tarsis di laut yang bergabung dengan

kapal-kapal Hiram. Tiga tahun sekali kapal-kapal Tarsis itu datang mengangkut emas, perak, gading, kera, dan burung merak.

²³ Dalam hal kekayaan dan kebijaksanaannya, Raja Salomo melebihi semua raja di bumi.

²⁴ Orang dari seluruh bumi berikhtiar menghadap Salomo untuk mendengar kebijaksanaan yang diletak oleh Allah dalam hatinya. ²⁵ Tahun demi tahun mereka datang membawa persembahan masing-masing, iaitu barang perak, barang emas, pakaian, senjata, rempah-ratus, kuda, dan baghal.

²⁶ Salomo mengumpulkan rata dan pasukan berkuda. Dia mempunyai seribu empat ratus buah rata dan dua belas ribu orang pasukan berkuda yang ditempatkannya di kota-kota rata dan juga di Yerusalem bersama-sama raja. ²⁷ Raja membuat perak di Yerusalem sama seperti batu kerana banyaknya, dan pokok araz sama banyaknya seperti pokok ara yang ada di Dataran Rendah. ²⁸ Kuda untuk Salomo dibawa masuk dari Mesir dan dari Kewe. Saudagar-saudagar raja membelinya dari Kewe dengan harga pasaran. ²⁹ Sebuah rata yang dibawa masuk dari Mesir berharga enam ratus syikal perak, manakala seekor kuda berharga seratus lima puluh syikal.

Kemudian dengan perantaraan mereka semua itu dijual lagi kepada semua raja Het dan kepada raja-raja Aram.

Salomo membelakangi Tuhan

11 ¹ Di samping puteri Firaun, Raja Salomo turut mencintai ramai perempuan asing, iaitu perempuan Moab, Amon, Edom, Sidon, dan Het. ² Mereka itu berasal daripada bangsa-bangsa yang telah difirmankan Tuhan kepada orang Israel: “Jangan kamu menikahi mereka dan jangan mereka bercampur-baur dengan kamu. Mereka pasti membuat hatimu menyimpang untuk mengikuti tuhan mereka.” Namun demikian, Salomo terpaut pada mereka kerana cinta. ³ Dia mempunyai tujuh ratus orang isteri keturunan bangsawan dan tiga ratus orang gundik. Lalu para isterinya itu menyesatkan hatinya. ⁴ Ketika Salomo sudah tua, para isterinya menyimpangkan hatinya untuk mengikuti tuhan-tuhan lain, sehingga hatinya tidak lagi tulus kepada Tuhan, Allahnya, seperti hati Daud, ayahnya. ⁵ Salomo mengikuti Asytoret, iaitu dewi orang Sidon, dan juga Milkom, dewa^g kejijikan sembah orang Amon. ⁶ Demikianlah Salomo

^g**11:5** Harfiah: Tuhan.

11:1: Ul 17:17. **11:2:** Kel 34:16; Ul 7:3,4.

melakukan apa yang jahat di mata Tuhan dan tidak sepenuhnya mengikuti Tuhan seperti Daud, ayahnya. ⁷ Lalu Salomo membina bukit pemujaan bagi Kamos, dewa kejiikan sembah orang Moab, di gunung di sebelah timur Yerusalem, juga bagi Molokh, dewa kejiikan sembah bani Amon. ⁸ Demikian pulalah dilakukannya bagi semua isterinya, iaitu perempuan asing yang membakar dupa dan mempersembahkan korban kepada tuhan mereka.

⁹ Maka Tuhan pun murka kepada Salomo, kerana hatinya menyimpang daripada Tuhan, Allah Israel, yang telah menampakkan diri kepadanya dua kali ¹⁰ dan yang telah memberinya perintah supaya dia tidak mengikuti tuhan-tuhan lain. Dia tidak berpegang teguh pada apa yang diperintahkan Tuhan kepadanya.

¹¹ Lalu berfirmanlah Tuhan kepada Salomo, “Kerana begitu kelakuanmu dan engkau tidak berpegang teguh pada perjanjian-Ku serta segala ketetapan-Ku yang telah Kuperintahkan kepadamu, maka Aku pasti mengoyakkan kerajaan itu daripadamu dan mengurniaknya kepada seorang pegawaimu. ¹² Namun demikian, Aku tidak akan melakukannya pada masa hidupmu kerana Daud, ayahmu. Aku akan mengoyakkannya daripada tangan anakmu.

¹³ Meskipun begitu, Aku tidak akan mengoyakkan

seluruh kerajaan itu. Satu suku akan Kukurniakan kepada anakmu kerana Daud, hamba-Ku, dan kerana Yerusalem yang telah Kupilih.”

Seteru Raja Salomo

¹⁴ Kemudian Tuhan membangkitkan seorang seteru bagi Salomo, iaitu Hadad, orang Edom. Dia berasal daripada keturunan raja Edom. ¹⁵ Dahulu, pada waktu Daud berada di Edom, Yoab panglima tenteranya pergi menguburkan kalangan yang terbunuh dan menewaskan semua lelaki di Edom. ¹⁶ Yoab dan semua orang Israel tinggal di sana selama enam bulan sehingga dia melenyapkan semua lelaki di Edom. ¹⁷ Hadad melarikan diri bersama dengan beberapa orang Edom, iaitu pegawai ayahnya, ke Mesir. Pada waktu itu Hadad masih muda belia. ¹⁸ Mereka berangkat dari Midian, lalu sampai ke Paran. Dari Paran mereka membawa serta beberapa orang, lalu sampailah mereka di Mesir. Mereka menghadap Firaun, raja Mesir, lalu raja memberinya sebuah rumah, menentukan peruntukan makanannya, dan memberikan sebidang tanah kepadanya. ¹⁹ Firaun sangat berkenan kepada Hadad, sehingga dia memberinya seorang isteri, iaitu adik isterinya sendiri, adik permaisuri Tahpenes. ²⁰ Adik Tahpenes itu melahirkan bagi Hadad seorang anak lelaki, Genubat namanya. Tahpenes

menyapuhnya di istana Firaun, dan Genubat dibesarkan di istana Firaun, di antara anak Firaun.

²¹ Ketika Hadad mendengar di Mesir bahawa Daud telah dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya dan bahawa Yoab, panglima tentera itu, sudah mati, berkatalah Hadad kepada Firaun, “Izinkanlah hamba pergi. Hamba hendak pulang ke negeri hamba.”

²² Tanya Firaun kepadanya, “Apakah kekurangan engkau bersama denganku di sini, sehingga tiba-tiba engkau ingin pulang ke negerimu?”

Jawabnya, “Tidak ada kekurangan apa-apa, tetapi mohon izinkan hamba pergi.”

²³ Kemudian Allah membangkitkan seorang lawan lagi bagi Salomo, iaitu Rezon anak Elyada. Orang ini melarikan diri daripada tuannya, iaitu Hadadezer, raja Zoba. ²⁴ Dikumpulkannya sejumlah orang, lalu dia menjadi pemimpin suatu gerombolan. Ketika Daud membunuh orang Zoba, pergilah mereka ke Damsyik. Mereka tinggal di sana dan mendirikan kerajaan di Damsyik. ²⁵ Dia menjadi lawan orang Israel seumur hidup Salomo dan menambahi kesusahan yang dibuat oleh Hadad. Dia yang amat membenci orang Israel itu bertakhta atas Aram.

Pemberontakan Yerobeam

²⁶ Yerobeam anak Nebat, seorang Efraim dari Zereda, seorang pegawai Salomo (nama ibunya ialah Zerua, seorang balu), juga menentang dan memberontak terhadap raja. ²⁷ Inilah alasan mengapa dia memberontak terhadap raja: Salomo membina Milo dan menutup lubang tembok Kota Daud, ayahnya. ²⁸ Yerobeam memang seorang yang sangat berkemahiran. Ketika Salomo melihat bahawa pemuda itu rajin bekerja, dia mengangkatnya untuk menjadi pengawas atas semua tukang pikul daripada keturunan kaum Yusuf. ²⁹ Suatu kali, ketika Yerobeam keluar dari Yerusalem, nabi Ahia, orang Silo itu, menemui dia di jalan. Ahia mengenakan sehelai pakaian baru, dan mereka berdua sahaja di padang. ³⁰ Ahia mencengkam pakaian baru yang dikenakannya itu dan mengoyakkannya untuk menjadi dua belas cebisan. ³¹ Katanya kepada Yerobeam, "Ambillah untukmu sepuluh cebisan, kerana beginilah firman Tuhan, Allah Israel, 'Sesungguhnya, Aku akan mengoyakkan kerajaan itu daripada tangan Salomo dan akan mengurniaimu sepuluh suku. ³² Tetapi satu suku akan tetap padanya kerana Daud, hamba-Ku, dan kerana Yerusalem, kota yang telah Kupilih daripada semua suku Israel. ³³ Hal ini terjadi

kerana dia telah meninggalkan Aku dan sujud menyembah Asytoret, dewi orang Sidon, dan Kamos, tuhan^h orang Moab, serta Milkom, tuhan bani Amon. Dia tidak hidup menurut jalan-Ku dengan melakukan apa yang benar di mata-Ku dan berpegang teguh pada segala ketetapan-Ku serta peraturan-Ku seperti Daud, ayahnya.

³⁴ Namun demikian, Aku tidak akan mengambil seluruh kerajaan itu daripada tangannya. Aku akan membiarkan dia menjadi pemimpin seumur hidupnya kerana Daud, hamba-Ku yang telah Kupilih, yang berpegang teguh pada segala perintah-Ku dan ketetapan-Ku. ³⁵ Aku akan mengambil kerajaan itu daripada tangan anaknya dan akan mengurniakan sepuluh suku kepadamu.

³⁶ Kepada anaknya Aku akan mengurniakan satu suku, supaya sentiasa ada suatu pelita bagi Daud, hamba-Ku, di hadirat-Ku di Yerusalem, kota yang telah Kupilih untuk menegakkan nama-Ku di sana.

³⁷ Engkau Kupilih untuk bertakhta atas semua yang dikehendaki hatimu. Engkau akan menjadi raja atas Israel. ³⁸ Jika engkau mendengar semua yang Kuperintahkan kepadamu, hidup menurut jalan-Ku, dan melakukan apa yang benar di mata-Ku dengan berpegang teguh pada segala ketetapan-Ku serta perintah-Ku seperti yang

^h**11:33** Atau: Dewa.

telah dilakukan oleh Daud, hamba-Ku, maka Aku akan menyertai engkau, akan membina bagimu suatu keluarga yang teguh seperti yang telah Kubina bagi Daud, dan akan mengurniakan orang Israel kepadamu. ³⁹ Untuk itu Aku akan merendahkan keturunan Daud, tetapi bukan untuk selama-lamanya.' ”

⁴⁰ Salomo berikhtiar membunuh Yerobeam, tetapi Yerobeam segera melarikan diri ke Mesir. Dia menghadap Sisak, raja Mesir, dan tinggal di Mesir sampai Salomo mati.

Raja Salomo mati

⁴¹ Riwayat Salomo selebihnya, juga semua yang dilakukannya dan kebijaksanaannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab riwayat Salomo?

⁴² Empat puluh tahun lamanya Salomo bertakhta di Yerusalem atas seluruh Israel. ⁴³ Lalu Salomo dibaringkan bersama dengan nenek moyangnya dan dimakamkan di Kota Daud, ayahnya. Maka Rehabeam, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikan dia.

Berkecainya kerajaan Israel

12 ¹ Pergilah Rehabeam ke Sikhem, kerana semua orang Israel telah datang ke Sikhem untuk menobatkannya sebagai raja. ² Pada waktu itu Yerobeam anak Nebat masih berada

di Mesir kerana sebelumnya dia melarikan diri dari Raja Salomo. Setelah Yerobeam mendengar khabar itu, kembalilah dia dari Mesir. ³ Maka beberapa orang diutus untuk memanggil dia. Lalu Yerobeam dengan seluruh jemaah Israel menemui Rehabeam dan berkata demikian, ⁴ “Ayah tuanku telah memberatkan tanggungan kami. Sekarang, mohon sudilah tuanku meringankan perhambaan yang keras daripada ayah tuanku itu serta tanggungan berat yang dipikulkannya atas kami, maka kami akan menjadi hamba tuanku.”

⁵ Jawabnya kepada mereka, “Pulanglah dahulu sampai selang tiga hari, kemudian kembalilah menghadap aku.” Lalu pulanglah rakyat itu.

⁶ Raja Rehabeam pun berunding dengan tua-tua yang dahulunya berkhidmat kepada Salomo, ayahnya, sewaktu Salomo masih hidup. Tanyanya, “Apakah nasihatmu untuk menjawab rakyat ini?”

⁷ Jawab mereka kepadanya, “Jika pada hari ini tuanku mahu menjadi hamba bagi rakyat, mengabdikan kepada mereka, dan menjawab mereka dengan kata-kata yang baik, maka mereka akan menjadi hamba tuanku sepanjang waktu.”

⁸ Akan tetapi, dia mengabaikan nasihat yang diberikan kepadanya oleh tua-tua itu, lalu

berunding dengan orang muda yang membesar bersama-samanya dan yang melayani dia.

⁹ Tanyanya kepada mereka, “Apakah nasihatmu supaya kita dapat menjawab rakyat yang berkata kepadaku, ‘Ringankanlah tanggungan yang dipikulkan ayah tuanku atas kami?’”

¹⁰ Orang muda yang membesar bersama-samanya itu menjawab, “Beginilah harus tuanku katakan kepada rakyat yang berkata kepada tuanku, ‘Ayah tuanku telah memberatkan tanggungan kami, tetapi mohon sudilah tuanku meringankannya bagi kami.’ Beginilah harus tuanku katakan kepada mereka, ‘Jari kelengkengku lebih besar daripada pinggang ayahku. ¹¹ Ayahku telah membebankan tanggungan yang berat kepadamu, tetapi aku akan menambah tanggunganmu. Ayahku telah mengajar kamu dengan cemeti, tetapi aku akan mengajar kamu dengan kala jengking.”

¹² Kemudian datanglah Yerobeam dan seluruh rakyat menghadap Rehabeam pada hari ketiga, sebagaimana kata-kata raja, “Kembalilah menghadap aku dalam tiga hari.” ¹³ Raja menjawab rakyat dengan kasar. Dia mengabaikan nasihat yang diberikan kepadanya oleh para tua-tua. ¹⁴ Dia menjawab mereka menurut nasihat pemuda-pemuda itu, katanya, “Ayahku telah memberatkan tanggunganmu, tetapi aku

akan menambah tanggunganmu. Ayahku telah mengajar kamu dengan cemeti, tetapi aku akan mengajar kamu dengan kala jengking.”¹⁵ Dengan demikian raja tidak mendengar permintaan rakyat. Perkara itu memang ditetapkan Tuhan, kerana Dia hendak melaksanakan firman yang disampaikan-Nya kepada Yerobeam anak Nebat dengan perantaraan Ahia, orang Silo itu.

¹⁶ Setelah semua orang Israel melihat bahawa raja tidak mahu mendengar permintaan mereka, maka rakyat menjawab raja demikian,

“Bahagian apakah yang kita peroleh daripada Daud?

Kita tidak memperoleh harta pusaka daripada anak Isai itu!

Pulanglah ke khemahmu, wahai Israel!

Sekarang uruslah rumah tanggamu sendiri, wahai Daud!”

Maka pergilah orang Israel ke khemah mereka.

¹⁷ Namun begitu, Rehabeam masih bertakhta atas orang Israel yang tinggal di kota-kota Yehuda.

¹⁸ Kemudian Raja Rehabeam mengutus Adoram, yang mengetuai buruh paksa. Tetapi semua orang Israel melemparinya dengan batu hingga dia mati. Raja Rehabeam pun

segera menaiki ratanya untuk melarikan diri ke Yerusalem. ¹⁹ Demikianlah orang Israel memberontak terhadap keluarga Daud sampai hari ini.

²⁰ Ketika seluruh orang Israel mendengar bahawa Yerobeam sudah pulang, mereka mengutus orang untuk memanggil dia ke pertemuan umat, lalu mereka menobatkan dia sebagai raja atas semua orang Israel. Tidak ada yang mengikuti keluarga Daud selain suku Yehuda sahaja.

²¹ Setelah Rehabeam sampai di Yerusalem, dia mengumpulkan kesemua keturunan kaum Yehuda dan suku Benyamin, seratus lapan puluh ribu orang pilihan yang siap tempur, untuk berperang melawan keturunan kaum Israel dan untuk mengembalikan kerajaan itu kepada Rehabeam anak Salomo. ²² Tetapi datanglah firman Allah demikian kepada hamba Allah, Semaya: ²³ “Katakanlah kepada Rehabeam anak Salomo, raja Yehuda, serta kepada seluruh keturunan kaum Yehuda dan Benyamin, juga kepada rakyat yang selebihnya itu, ²⁴ ‘Beginilah firman Tuhan: Jangan maju dan jangan berperang melawan saudara-saudaramu, orang Israel. Pulanglah masing-masing ke rumahnya, kerana hal ini berasal daripada-Ku.’ ” Mereka mendengar

firman Tuhan lalu berangkat pulang, selaras dengan firman Tuhan.

Raja Yerobeam memulai ibadat baru

²⁵ Yerobeam membina Kota Sikhem di Pergunungan Efraim dan tinggal di sana. Setelah itu, dia bergerak dari sana, lalu membina Penuel. ²⁶ Kata Yerobeam dalam hatinya, “Sekarang, boleh jadi kerajaan ini akan kembali kepada keluarga Daud. ²⁷ Jika rakyat pergi mempersembahkan korban sembelihan di Bait Tuhan di Yerusalem, tentu hati rakyat akan berbalik kepada tuan mereka, iaitu Rehabeam, raja Yehuda. Mereka akan membunuh aku dan kembali kepada Rehabeam, raja Yehuda.”

²⁸ Oleh sebab itu berundinglah raja, lalu dibuatnya dua ekor anak lembu daripada emas. Katanya kepada orang ramai, “Terlalu menyusahkan kamu untuk pergi ke Yerusalem. Inilah tuhan-tuhanmu,ⁱ wahai Israel, yang telah menuntun kamu keluar dari Tanah Mesir.”

²⁹ Kemudian ditempatkannya yang satu di Betel, sedangkan yang lain di Dan. ³⁰ Maka hal ini menyebabkan rakyat berdosa, kerana mereka pergi sampai ke Dan untuk menyembah patung

ⁱ**12:28** Atau: Dewa-dewamu.

yang satu itu. ³¹ Dia juga membuat kuil di bukit-bukit pemujaan dan mengangkat imam daripada kalangan rakyat yang bukan daripada bani Lewi.

³² Yerobeam menetapkan suatu hari raya, iaitu pada hari kelima belas dalam bulan kelapan, sama seperti hari raya di Yehuda, dan dia sendiri naik ke mazbah. Demikianlah yang dilakukannya di Betel. Dia mempersembahkan korban kepada anak-anak lembu yang dibuatnya itu. Di Betel dia juga menugaskan para imam di bukit-bukit pemujaan yang dibuatnya. ³³ Dia naik ke mazbah yang dibuatnya di Betel itu pada hari kelima belas dalam bulan kelapan, iaitu bulan yang telah direka-rekanya sendiri. Demikianlah dia menetapkan suatu hari perayaan bagi umat Israel dan naik ke mazbah untuk membakar dupa.

Hamba Allah dari Yehuda

13 ¹ Kemudian datanglah seorang hamba Allah dari Yehuda ke Betel atas perintah Tuhan. Pada waktu itu Yerobeam sedang berdiri di sisi mazbah untuk membakar dupa. ² Atas perintah Tuhan, orang itu berseru terhadap mazbah itu, katanya, “Wahai mazbah! Wahai mazbah! Beginilah firman Tuhan, ‘Sesungguhnya,

seorang anak akan lahir bagi keluarga Daud, Yosia namanya. Dia akan menjalankan ibadat korban di atasmu dengan para imam bukit-bukit pemujaan yang membakar dupa di atasmu, dan tulang-tulang manusia akan dibakar di atasmu.’ ”

”³ Pada hari itu juga dia memberitahukan suatu tanda ajaib, katanya, “Inilah tanda ajaib yang telah difirmankan Tuhan, ‘Sesungguhnya, mazbah ini akan terbelah, dan abu di atasnya akan tercurah.’ ”

⁴ Apabila Raja Yerobeam mendengar perkataan yang diserukan hamba Allah itu terhadap mazbah di Betel, dia menghulurkan tangannya dari mazbah sambil berkata, “Tangkap dia!” Tetapi tangan yang dihulurnya kepada orang itu menjadi kaku sehingga tidak dapat ditariknya kembali. ⁵ Mazbah itu pun terbelah dan abu tercurah dari atasnya, selaras dengan tanda ajaib yang diberitahukan oleh hamba Allah itu atas perintah Tuhan. ⁶ Lalu raja berkata kepada hamba Allah itu, “Tolong mohon belas kasihan Tuhan, Allahmu, dan doakanlah aku, supaya tanganku dapat kembali.”

Maka hamba Allah itu memohonkan belas kasihan Tuhan sehingga tangan raja dapat kembali dan menjadi seperti sediakala. ⁷ Kata raja kepada hamba Allah itu, “Mari singgah ke

istanaku. Segarkanlah dirimu, sesudah itu aku hendak memberimu hadiah.”

⁸ Tetapi kata hamba Allah itu kepada raja, “Sekalipun setengah istanamu kauberikan kepadaku, aku tidak mahu singgah di tempatmu. Aku pun tidak mahu makan roti atau minum air di tempat ini, ⁹ kerana demikianlah firman Tuhan memerintahkan aku, ‘Jangan makan roti atau minum air. Jangan kembali melalui jalan yang telah kautempuh.’ ” ¹⁰ Lalu pergilah dia melalui jalan lain dan tidak kembali melalui jalan yang ditempuhnya sewaktu dia datang ke Betel.

Seorang nabi tua di Betel

¹¹ Pada waktu itu ada seorang nabi tua yang tinggal di Betel. Anak-anaknya datang menceritakan kepadanya semua perbuatan yang dilakukan hamba Allah pada hari itu di Betel. Mereka juga menceritakan kepada ayah mereka perkataan yang diucapkannya kepada raja. ¹² Lalu ayah mereka bertanya kepada mereka, “Ke jalan manakah dia pergi?” Anak-anaknya pun menunjukkan jalan yang ditempuh hamba Allah yang datang dari Yehuda itu. ¹³ Kemudian dia berkata kepada anak-anaknya, “Pelanailah keldai untukku.” Mereka memelanai keldai untuknya, lalu dia menungganginya. ¹⁴ Dia pergi menyusul hamba Allah itu dan mendapatinya sedang duduk

di bawah sebuah pokok oak. Lalu dia bertanya kepadanya, “Adakah engkau hamba Allah yang datang dari Yehuda?”

Jawabnya, “Ya, akulah dia.”

¹⁵ Kemudian dia berkata kepadanya, “Mari, ikutlah aku ke rumah untuk makan roti.”

¹⁶ Jawabnya, “Aku tidak dapat kembali bersama denganmu atau singgah di rumahmu. Aku pun tidak mahu makan roti atau minum air bersama denganmu di tempat ini, ¹⁷ kerana kepadaku telah disampaikan firman Tuhan, ‘Jangan makan roti atau minum air di sana. Jangan kembali melalui jalan yang telah kautempuh.’ ”

¹⁸ Lalu kata orang itu kepadanya, “Aku pun seorang nabi, sama seperti engkau. Ada malaikat yang bersabda kepadaku atas perintah Tuhan demikian, ‘Bawalah dia pulang bersamamu ke rumahmu, supaya dia makan roti dan minum air.’ ” Tetapi dia berbohong kepadanya.

¹⁹ Maka kembalilah orang itu bersamanya, lalu makan roti dan minum air di rumahnya.

²⁰ Sementara mereka duduk menghadap meja, datanglah firman Tuhan kepada nabi yang telah membawa dia kembali. ²¹ Lalu nabi itu berseru kepada hamba Allah yang datang dari Yehuda itu, katanya, “Beginilah firman Tuhan, ‘Kerana engkau telah menderhaka terhadap firman Tuhan dan tidak berpegang teguh pada perintah

yang diberikan kepadamu oleh Tuhan, Allahmu, ²² melainkan kembali lalu makan roti dan minum air di tempat ini padahal Dia telah berfirman kepadamu, “Jangan makan roti atau minum air di situ,” maka jenazahmu tidak akan masuk ke dalam kubur nenek moyangmu.’ ”

²³ Setelah makan roti dan minum air, dia memelanai keldai untuk nabi yang telah dibawanya kembali itu. ²⁴ Orang itu pun pergi, tetapi di jalan dia diadang seekor singa yang kemudian menewaskannya. Jenazahnya tercampak di jalan, sementara keldai dan singa itu berdiri di sisinya. ²⁵ Kemudian berlalulah beberapa orang di situ. Apabila melihat jenazah itu tercampak di jalan dengan singa berdiri di sisinya, pergilah mereka mengkhabarkan hal itu di kota tempat nabi tua itu tinggal.

²⁶ Ketika nabi yang mengajak orang itu berbalik dari jalannya mendengar hal itu, berkatalah ia, “Dialah hamba Allah yang menderhaka terhadap firman Tuhan. Oleh sebab itu Tuhan menyerahkan dia kepada singa yang kemudian mencabik dan menewaskannya, selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan kepadanya.” ²⁷ Kemudian berkatalah dia kepada anak-anaknya, “Pelanailah keldai bagiku.” Mereka pun memelanainya. ²⁸ Dia pergi dan mendapati jenazah orang itu tercampak di jalan, sementara keldai dan singa

itu berdiri di sisi jenazah itu. Singa itu tidak memakan jenazah itu, pula tidak mencabik keldai itu. ²⁹ Nabi itu mengangkat jenazah hamba Allah itu, meletakkannya ke atas keldai, dan membawanya pulang ke kotanya untuk meratapi dan menguburkannya. ³⁰ Diletakkannya jenazah itu di dalam kuburnya sendiri lalu mereka meratapi jenazah itu demikian, “Aduh, saudaraku!” ³¹ Setelah menguburkannya, berkatalah dia kepada anak-anaknya, “Kalau aku mati, kuburkanlah aku dalam kubur tempat hamba Allah itu dikuburkan. Letakkanlah tulang-tulangku di sisi tulang-tulangnya. ³² Kerana perkataan yang diserukannya atas perintah Tuhan terhadap mazbah yang ada di Betel dan terhadap semua kuil di bukit-bukit pemujaan di kota-kota Samaria pasti akan terjadi.”

³³ Yerobeam masih tidak berbalik daripada jalannya yang jahat walaupun sesudah terjadinya peristiwa itu. Sebaliknya, dia mengangkat pula daripada kalangan rakyat imam untuk bukit pemujaan, dan melantik sesiapa sahaja yang mahu menjadi imam di bukit pemujaan. ³⁴ Hal itu menyebabkan keluarga Yerobeam berdosa, sehingga mereka dilenyapkan dan dipunahkan dari muka bumi.

Nubuat tentang Raja Yerobeam

14 ¹ Pada masa itu Abia anak Yerobeam jatuh sakit. ² Kata Yerobeam kepada isterinya, “Berkemasmalah, menyamarlah supaya jangan diketahui orang bahawa engkau isteri Yerobeam, lalu pergilah ke Silo. Di sana ada nabi Ahia yang dahulu mengatakan bahawa aku akan menjadi raja atas bangsa ini. ³ Bawalah sepuluh buku roti, beberapa ketul kuih kering, dan sekendi air madu lalu pergilah mendapatkannya. Dia akan memberitahu kamu apakah yang akan terjadi kepada anak ini.”

⁴ Isteri Yerobeam pun berbuat demikian. Dia berkemas lantas pergi ke Silo dan tiba di rumah Ahia. Pada waktu itu Ahia tidak dapat melihat lagi. Matanya telah kabur kerana dia sudah tua. ⁵ Namun demikian, Tuhan berfirman kepada Ahia, “Ketahuilah, isteri Yerobeam datang untuk mencari petunjuk daripada kamu mengenai anaknya, kerana anak itu sakit. Beginilah harus kaukatakan kepadanya. Waktu dia datang, dia akan berpura-pura menjadi orang lain.”

⁶ Apabila Ahia mendengar bunyi langkah kaki perempuan itu memasuki pintu, berkatalah ia, “Masuklah, wahai isteri Yerobeam. Mengapakah engkau berpura-pura menjadi orang lain? Aku disuruh menyampaikan kepadamu khabar

yang menyusahkan. ⁷ Pulanglah, katakanlah kepada Yerobeam, 'Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, "Aku telah mengangkat engkau daripada kalangan bangsa itu dan menjadikan engkau pemimpin atas umat-Ku Israel. ⁸ Aku telah mengoyakkan kerajaan itu daripada keluarga Daud dan memberikannya kepadamu. Tetapi engkau tidak seperti hamba-Ku Daud, yang berpegang teguh pada segala perintah-Ku dan yang hidup mengikuti Aku dengan segenap hatinya, sehingga dia hanya melakukan apa yang benar di mata-Ku. ⁹ Sebaliknya, engkau telah berbuat jahat, lebih daripada semua orang yang ada sebelum engkau. Engkau pergi membuat bagi dirimu sembahsan-sembahsan lain serta patung-patung tuangan sehingga engkau membangkitkan murka-Ku, sementara Aku kaucampakkan ke belakangmu. ¹⁰ Maka sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka kepada keluarga Yerobeam. Aku akan melenyapkan daripada kaum Yerobeam setiap lelaki, baik orang kurungan mahupun orang merdeka, di Israel. Aku akan menyingkirkan keluarga Yerobeam seperti orang menyingkirkan kotoran sampai habis. ¹¹ Setiap orang daripada Yerobeam yang mati di kota akan dimakan anjing,

dan yang mati di padang akan dimakan oleh burung di udara, kerana Tuhan telah berfirman.” ’

¹² Segeralah pulang ke rumahmu. Pada waktu kakimu memasuki kota, anak itu akan

mati. ¹³ Seluruh Israel akan meratapi dia dan menguburkannya. Daripada keturunan Yerobeam, dan antara keluarga Yerobeam,

hanya dialah yang akan masuk ke dalam kubur kerana dalam dirinya didapati sesuatu yang baik di mata Tuhan, Allah Israel. ¹⁴ Tuhan akan membangkitkan bagi diri-Nya seorang raja atas Israel yang akan melenyapkan keluarga Yerobeam pada hari ini. Ya, sekarang ini juga.

¹⁵ Tuhan akan mengajar Israel seperti mensiang yang bergoyang-goyang di air. Dia akan mencabut Israel daripada tanah yang baik ini, yang telah dikurniakan-Nya kepada nenek moyangnya.

Dia akan menyerakkan mereka ke seberang Sungai Efrat, kerana mereka telah membuat patung-patung Asyera dan membangkitkan murka Tuhan. ¹⁶ Dia akan lepas tangan terhadap orang Israel kerana dosa-dosa Yerobeam yang dilakukannya sendiri, dan yang menyebabkan orang Israel turut sama berdosa.”

¹⁷ Isteri Yerobeam segera pulang lalu sampai di Tirza. Ketika dia memasuki ambang pintu rumah, meninggallah anak itu. ¹⁸ Seluruh Israel menguburkan bayi itu dan meratapinya selaras

dengan firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan hamba-Nya, nabi Ahia.

¹⁹ Riwayat Yerobeam selebihnya fasal bagaimana dia berperang dan bagaimana dia bertakhta, sesungguhnya semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel. ²⁰ Yerobeam bertakhta selama dua puluh dua tahun, lalu dia dibaringkan bersama dengan nenek moyangnya. Maka Nadab, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikannya.

Sambungan riwayat Raja Rehabeam

²¹ Rehabeam anak Salomo bertakhta di Yehuda dan dia berusia empat puluh satu tahun pada waktu dia menaiki takhta. Tujuh belas tahun lamanya dia bertakhta di Yerusalem, kota yang dipilih Tuhan daripada kalangan suku Israel untuk menegakkan nama-Nya di sana. Ibunya bernama Naama, seorang Amon.

²² Orang Yehuda melakukan apa yang jahat di mata Tuhan dan membangkitkan kecemburuan-Nya dengan dosa-dosa yang dilakukan mereka, lebih daripada semua yang dilakukan oleh nenek moyang mereka. ²³ Mereka juga membina tempat-tempat penyembahan, tiang-tiang berhala, dan patung-patung Asyera di atas setiap

bukit yang tinggi dan di bawah setiap pokok yang rimbun. ²⁴ Bahkan ada kaum lelaki yang menjadi pelacur kuil di negeri itu. Mereka melakukan pelbagai kekejian sebagaimana dilakukan oleh bangsa-bangsa yang diusir Tuhan daripada orang Israel.

²⁵ Pada tahun kelima zaman pemerintahan Raja Rehabeam, majulah Sisak, raja Mesir, menyerang Yerusalem. ²⁶ Dia merampas perbendaharaan Bait Tuhan dan perbendaharaan istana raja. Segala sesuatu dirampasnya. Dia juga merampas semua perisai emas yang dibuat oleh Salomo. ²⁷ Lalu sebagai gantinya Raja Rehabeam membuat perisai gangsa dan mempercayakannya kepada para pemimpin bentara yang menjaga pintu istana raja. ²⁸ Apabila sahaja raja masuk ke Bait Tuhan, para bentara akan membawa perisai-perisai itu dan kemudian mengembalikannya ke bilik pengawal.

²⁹ Riwayat Rehabeam selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ³⁰ Antara Rehabeam dengan Yerobeam selalu sahaja ada peperangan. ³¹ Lalu Rehabeam dibaringkan bersama nenek moyangnya. Dia dimakamkan

14:24: Ul 23:17. **14:25:** 2Taw 12:2-8.

14:26: 1Raj 10:16,17; 2Taw 9:15,16.

bersama nenek moyangnya di Kota Daud. Nama ibunya ialah Naama, orang Amon. Maka Abiam^j, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikan dia.

Pemerintahan Abiam, raja Yehuda

15 ¹ Pada tahun kelapan belas zaman pemerintahan Raja Yerobeam anak Nebat, Abiam menaiki takhta atas Yehuda. ² Tiga tahun lamanya dia bertakhta di Yerusalem. Nama ibunya ialah Maakha anak Abisalom.

³ Dia mengikuti segala dosa yang telah dilakukan ayahnya sebelumnya. Hatinya tidak tulus kepada Tuhan, Allahnya, seperti hati Daud, leluhurnya.

⁴ Tetapi kerana Daud maka Tuhan, Allahnya, mengurniakan sebuah pelita kepadanya di Yerusalem dengan mengangkat anaknya untuk menggantikannya, serta dengan meneguhkan Yerusalem ⁵ lantaran Daud telah melakukan apa yang benar di mata Tuhan dan tidak menyimpang daripada segala yang diperintahkan-Nya seumur hidupnya, kecuali dalam perkara Uria, orang Het itu. ⁶ Peperangan yang sebelumnya terjadi

^j**14:31** Nama Ibrani lain, Abijah atau Abia dalam ejaan Melayu.

15:4: 1Raj 11:36. **15:5:** 2Sam 11:1-27.

15:6: 2Taw 13:3-21.

antara Rehabeam dengan Yerobeam terus berlanjutan seumur hidup Abiam. ⁷ Riwayat Abiam selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? Ada peperangan antara Abiam dengan Yerobeam.

⁸ Kemudian Abiam dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di Kota Daud. Maka Asa, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Asa, raja Yehuda

⁹ Pada tahun kedua puluh pemerintahan Yerobeam, raja Israel, Asa menaiki takhta atas Yehuda. ¹⁰ Empat puluh satu tahun lamanya Asa bertakhta di Yerusalem. Nama neneknya ialah Maakha anak Abisalom. ¹¹ Asa melakukan apa yang benar di mata Tuhan seperti Daud, leluhurnya. ¹² Dia mengusir pelacur kuil kaum lelaki dari negeri itu dan menyingkirkan segala berhala yang dibuat oleh leluhurnya. ¹³ Bahkan dia juga memecat Maakha, neneknya, daripada kedudukan bonda permaisuri, kerana Maakha membuat patung kekejian bagi Asyera. Asa menebang patung keji itu dan membakarnya di Lembah Kidron. ¹⁴ Memang bukit-bukit

pemujaan tidak disingkirkannya, tetapi hati Asa tulus kepada Tuhan seumur hidupnya. ¹⁵ Dia membawa ke dalam Bait Tuhan persembahan suci ayahnya dan persembahan dirinya sendiri, yaitu perak, emas, dan berbagai-bagai kelengkapan.

¹⁶ Ada peperangan antara Asa dengan Baesa, Raja Israel, seumur hidup mereka. ¹⁷ Baesa, Raja Israel, maju menyerang Yehuda. Dia membina Rama untuk mencegah orang keluar atau masuk ke wilayah Asa, raja Yehuda. ¹⁸ Maka Asa mengambil semua perak dan emas yang tersisa di dalam perbendaharaan Bait Tuhan serta istana raja, lalu menyerahkannya kepada para pegawainya. Kemudian Raja Asa mengutus mereka kepada Benhadad anak Tabrimon anak Hezion, raja Aram yang tinggal di Damsyik, dengan pesan, ¹⁹ “Ada perjanjian antara aku dengan tuan, antara ayahku dengan ayah tuan. Lihatlah, aku mengirimkan kepada tuan suatu pemberian, yaitu perak dan emas. Batalkanlah perjanjian tuan dengan Baesa, Raja Israel, supaya dia berundur daripadaku.”

²⁰ Benhadad mendengar Raja Asa. Lalu disuruhnya para panglima pasukannya menyerang kota-kota Israel lalu mengalahkan Iyon, Dan, Abel-Bet-Maakha, seluruh Kineret, dan seluruh Tanah Naftali. ²¹ Apabila Baesa

mendengar hal itu, berhentilah dia membina Rama, lalu tinggal di Tirza.

²² Raja Asa mengerahkan semua orang Yehuda tanpa terkecuali, lalu mereka mengangkut batu dan kayu yang digunakan oleh Baesa untuk membina Rama. Dengan semua itu Raja Asa membina Geba-Benyamin dan Mizpa.

²³ Seluruh riwayat Asa selebihnya, segala kejayaannya, semua yang dilakukannya, dan kota-kota yang dibinanya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? Tetapi pada masa tuanya dia menderita sakit pada kedua-dua belah kakinya. ²⁴ Lalu Asa dibaringkan bersama dengan nenek moyangnya, dan dimakamkan bersama nenek moyangnya di Kota Daud, leluhurnya. Maka Yosafat, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikannya.

Pemerintahan Nadab di Israel

²⁵ Nadab anak Yerobeam menaiki takhta atas Israel pada tahun kedua pemerintahan Asa, raja Yehuda. Dua tahun lamanya dia bertakhta atas Israel. ²⁶ Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan serta hidup mengikuti jejak ayahnya dan dosa ayahnya, sehingga menyebabkan orang Israel berdosa pula.

²⁷ Baesa anak Ahia daripada keturunan kaum Isakhar bersekongkol melawan Nadab. Pada

waktu Nadab dan seluruh Israel mengepung Gibeton, dia dibunuh oleh Baesa di Gibeton, wilayah orang Filistin. ²⁸ Peristiwa itu terjadi pada tahun ketiga zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda. Maka Baesa menaiki takhta untuk menggantikan Nadab. ²⁹ Sebaik sahaja menaiki takhta, dia menumpaskan seluruh keluarga Yerobeam. Tidak ditinggalkannya bagi Yerobeam seorang pun yang bernyawa. Dia memunahkan kesemuanya, selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan hamba-Nya Ahia, orang Silo itu. ³⁰ Hal itu terjadi kerana dosa-dosa Yerobeam – yang dilakukannya sendiri dan yang menyebabkan orang Israel pun turut berdosa – dan kerana dia membangkitkan murka Tuhan, Allah Israel.

³¹ Riwayat Nadab selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ³² Ada peperangan antara Asa dengan Baesa, Raja Israel, seumur hidup mereka.

Pemerintahan Baesa di Israel

³³ Pada tahun ketiga zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda, Baesa anak Ahia bertakhta atas seluruh Israel di Tirza. Selama empat puluh

tahun dia bertakhta. ³⁴ Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan serta hidup mengikuti jejak Yerobeam dan mengikuti dosanya, yang menyebabkan orang Israel turut berdosa.

16 ¹ Maka kepada Yehu anak Hanani datanglah firman Tuhan yang menentang Baesa, demikian bunyinya, ² “Aku telah mengangkat engkau daripada debu dan menjadikan engkau pemimpin atas umat-Ku Israel, tetapi engkau hidup mengikuti jejak Yerobeam dan menyebabkan umat-Ku Israel berdosa pula, sehingga mereka membangkitkan murka-Ku dengan dosa-dosa mereka itu.

³ Sesungguhnya, Aku akan menyingkirkan Baesa dan keluarganya. Aku akan menjadikan keluargamu sama seperti keluarga Yerobeam anak Nebat. ⁴ Setiap orang daripada Baesa yang mati di kota akan dimakan anjing, dan setiap orangnya yang mati di padang akan dimakan burung di udara.”

⁵ Riwayat Baesa selebihnya, apa yang dilakukannya serta kejayaannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ⁶ Lalu Baesa dibaringkan bersama dengan nenek moyangnya dan dimakamkan di Tirza. Maka Ela, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

⁷ Dengan perantaraan nabi Yehu anak Hanani turunlah juga firman Tuhan yang menentang Baesa dan keluarganya sehubungan dengan segala kejahatan yang telah dilakukannya di mata Tuhan, dan juga kerana dia telah membunuh Yerobeam. Baesa membangkitkan murka-Nya dengan perbuatan tangannya dan menjadi sama seperti keluarga Yerobeam.

Ela, raja Israel

⁸ Pada tahun kedua puluh enam zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda, Ela anak Baesa menaiki takhta atas Israel di Tirza. Dia bertakhta selama dua tahun. ⁹ Kemudian Zimri, pegawainya yang menjadi panglima atas separuh daripada ratanya, bersekongkol melawannya. Suatu kali, ketika dia berada di Tirza dan sedang minum-minum sampai mabuk di rumah Arza, kepala istananya di Tirza, ¹⁰ datanglah Zimri menyerang lalu membunuhnya. Peristiwa itu terjadi pada tahun kedua puluh tujuh zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda. Maka Zimri pun menaiki takhta untuk menggantikan Ela.

¹¹ Sebaik sahaja Zimri menaiki takhta dan duduk di atas takhtanya, dia membunuh seluruh keluarga Baesa. Tidak ditinggalkannya seorang lelaki pun, baik kerabat mahupun sahabat Baesa. ¹² Demikianlah Zimri memusnahkan seluruh

keluarga Baesa, selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan nabi Yehu untuk menentang Baesa. ¹³ Hal itu terjadi kerana semua dosa Baesa dan dosa Ela, anaknya, baik yang dilakukan mereka sendiri mahupun yang menyebabkan orang Israel berdosa, sehingga mereka membangkitkan murka Tuhan, Allah Israel, dengan berhala-berhala mereka. ¹⁴ Riwayat Ela selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel?

Zimri, raja Israel

¹⁵ Pada tahun kedua puluh tujuh zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda, Zimri bertakhta selama tujuh hari di Tirza. Pada waktu itu tenteranya sedang berkhemah mengepung Gibeton, wilayah orang Filistin. ¹⁶ Ketika pasukan yang sedang berkhemah itu mendengar khabar yang mengatakan, “Zimri telah bersekongkol melawan raja serta membunuhnya,” maka pada hari itu juga semua orang Israel di perkhemahan menobatkan Omri, panglima tentera mereka, menjadi raja atas Israel. ¹⁷ Omri maju dari Gibeton berserta semua orang Israel, lalu mengepung Tirza. ¹⁸ Apabila Zimri melihat bahawa kota itu telah direbut, masuklah dia ke dalam puri istana raja lalu membakar habis

istana itu bersama dirinya. Maka matilah dia¹⁹ kerana dosa-dosa yang telah dilakukannya. Dia mengerjakan apa yang jahat di mata Tuhan serta hidup mengikuti jejak Yerobeam. Diikutinya dosa Yerobeam yang menyebabkan orang Israel turut berdosa.²⁰ Riwayat Zimri selebihnya dan persekongkolan yang diadakannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel?

Omri, raja Israel

²¹ Maka berpecahlah rakyat Israel menjadi dua puak. Sebahagian rakyat mengikuti Tibni anak Ginat dan hendak menobatkannya untuk menjadi raja, manakala sebahagian yang lain mengikuti Omri.²² Akan tetapi, rakyat yang mengikuti Omri lebih kuat daripada rakyat yang mengikuti Tibni anak Ginat. Maka Tibni pun mati, dan Omri menjadi raja.²³ Omri menaiki takhta atas Israel pada tahun ketiga puluh satu zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda. Dia bertakhta selama dua belas tahun iaitu enam tahun daripadanya di Tirza.²⁴ Dibelinya Gunung Samaria daripada Semer dengan harga dua talenta perak dan dibinanya sebuah kota di atas gunung itu. Kemudian dinamainya kota itu Samaria, menurut nama Semer, pemilik gunung itu.

²⁵ Omri melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Kejahatan yang dilakukannya lebih besar daripada semua orang yang mendahuluinya.

²⁶ Dia hidup mengikuti segala jejak Yerobeam anak Nebat dan mengikuti dosa Yerobeam yang menyebabkan orang Israel turut sama berdosa, sehingga mereka membangkitkan murka Tuhan, Allah Israel, dengan berhala-berhala mereka. ²⁷ Riwayat Omri selebihnya, apa yang dilakukannya serta kejayaan yang dicapainya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ²⁸ Lalu Omri dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di Samaria. Maka Ahab, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Ahab menyembah Baal

²⁹ Ahab anak Omri menaiki takhta atas Israel pada tahun ketiga puluh lapan zaman pemerintahan Asa, raja Yehuda. Ahab anak Omri bertakhta atas Israel di Samaria selama dua puluh dua tahun, ³⁰ dan Ahab anak Omri melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, lebih daripada semua orang yang mendahuluinya.

³¹ Seolah-olah kehidupannya dalam dosa-dosa Yerobeam anak Nebat itu perkara yang ringan sahaja, dia juga memperisteri Izebel, anak Etbaal, raja Sidon, lalu pergi beribadat kepada Baal

dan sujud menyembahnya. ³² Dia mendirikan mazbah bagi Baal di kuil Baal yang dibinanya di Samaria. ³³ Kemudian Ahab membuat patung Asyera bahkan banyak hal yang lain sehingga dia membangkitkan murka Tuhan, Allah Israel, lebih daripada semua Raja Israel yang pernah ada sebelum dirinya. ³⁴ Pada zamannya, seorang bernama Hiel dari Betel membina kembali Kota Yerikho. Dia meletakkan dasarnya dengan nyawa Abiram, anak sulungnya, dan mendirikan pintu-pintu gerbangnya dengan nyawa Segub, anak bongsunya, selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan Yosua anak Nun.

Elia menubuatkan ketibaan kemarau

17 ¹ Suatu waktu, Elia, orang Tisbe dari Tisbe-Gilead, berkata kepada Ahab, “Demi Tuhan yang hidup, Allah Israel, yang kepada-Nya aku mengabdikan diri, sesungguhnya tidak akan turun embun atau hujan pada tahun-tahun ini kecuali jika mulutku mengatakannya.”

² Lalu datanglah firman Tuhan kepadanya demikian, ³ “Pergilah dari sini ke arah timur dan bersembunyilah di tepi Sungai Kerit, di sebelah timur Sungai Yordan. ⁴ Engkau dapat minum

dari sungai itu, dan burung-burung gagak telah Kuperintahkan untuk menyediakan makananmu di sana.”

⁵ Maka pergilah dia dan bertindak selaras dengan firman Tuhan. Dia tinggal di tepi Sungai Kerit, di sebelah timur Sungai Yordan.

⁶ Burung-burung gagak membawakannya roti dan daging pada pagi dan juga petang hari, dan dia minum air dari sungai itu.

Elia dan balu di Sarfat

⁷ Setelah berlalunya beberapa waktu, keringlah sungai itu kerana hujan tidak turun-turun di negeri itu. ⁸ Lalu datanglah firman Tuhan kepadanya demikian, ⁹ “Pergilah segera ke Sarfat, wilayah Sidon, dan tinggallah di sana. Ketahuilah, Aku telah memerintahkan seorang balu untuk menyediakan makananmu di sana.” ¹⁰ Elia pun segera pergi ke Sarfat. Sesampainya dia di pintu gerbang kota itu, tampak ada seorang balu yang sedang mengumpulkan kayu api di sana. Elia memanggilnya dan berkata, “Tolong ambilkan bagiku sedikit air di dalam kendi, supaya aku dapat minum.” ¹¹ Ketika perempuan itu hendak pergi mengambilnya, Elia memanggilnya lagi dan

berkata, “Tolong bawakan juga bagiku sepotong roti.”

¹² Maka kata perempuan itu, “Demi Tuhan, Allahmu yang hidup, tidak ada padaku sepotong roti pun, kecuali segenggam penuh tepung di dalam tempayan dan sedikit minyak dalam buyung. Sekarang ini aku sedang mengumpulkan satu dua potong kayu api, supaya aku dapat pulang serta mengolah tepung itu bagi diriku dan bagi anakku sehingga kami dapat makan, lalu setelah itu kami mati.”

¹³ Kata Elia kepadanya, “Jangan takut. Pergilah dan lakukanlah seperti yang kaukatakan, tetapi buatlah dahulu bagiku sepotong roti bundar kecil daripada tepung itu dan bawalah kepadaku. Setelah itu, barulah buat bagi dirimu dan bagi anakmu. ¹⁴ Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Tepung dalam tempayan itu tidak akan habis dan minyak di dalam buyung itu tidak akan berkurang sampai saat Tuhan menurunkan hujan ke atas muka bumi.’ ”

¹⁵ Perempuan itu pun pergi dan bertindak selaras dengan perkataan Elia. Maka perempuan itu berserta dengan keluarganya dan juga Elia dapat makan selama beberapa waktu. ¹⁶ Tepung dalam tempayan itu tidak pernah habis dan minyak dalam buyung itu tidak juga berkurang,

selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan Elia.

¹⁷ Tidak berapa lama sesudah peristiwa itu, anak lelaki perempuan pemilik rumah itu jatuh sakit. Sakitnya amat parah sehingga anak itu berhenti bernafas. ¹⁸ Kata perempuan itu kepada Elia, “Apa masalahku dengan engkau, ya hamba Allah? Engkau telah singgah di tempatku untuk mengingatkan kesalahanku dan untuk membunuh anakku.”

¹⁹ Kata Elia, “Bawalah anakmu itu kepadaku.” Lalu diambilnya anak itu daripada pangkuan ibunya, dibawanya naik ke bilik atas tempat dia tinggal, dan dibaringkannya di tempat tidurnya. ²⁰ Kemudian berserulah dia kepada Tuhan, katanya, “Ya Tuhan Allahku, adakah Engkau mendatangkan malapetaka ke atas balu yang menerima aku sebagai pendatang ini, dengan membunuh anaknya?” ²¹ Lalu dia mengunjurkan tubuhnya di atas anak itu tiga kali dan berseru kepada Tuhan, katanya, “Ya Tuhan, Allahku, kembalikanlah kiranya nyawa anak ini ke dalam tubuhnya.” ²² Tuhan mendengar seruan Elia. Nyawa anak itu pun kembali ke dalam tubuhnya sehingga dia hidup lagi.

²³ Elia mengambil anak itu, membawanya turun dari bilik atas ke dalam rumah, dan menyerahkannya kepada ibunya. Kata Elia, “Lihatlah, anakmu hidup.”

²⁴ Kata perempuan itu kepada Elia, “Sekarang aku tahu bahawa engkau ini hamba Allah, dan firman Tuhan yang kaukatakan itu benar.”

Obaja bertemu dengan Elia

18 ¹ Sesudah beberapa lama, pada tahun ketiga datanglah firman Tuhan kepada Elia demikian, “Pergilah, tunjukkanlah dirimu kepada Ahab, kerana Aku akan menurunkan hujan ke atas muka bumi.” ² Maka Elia pun pergi untuk menunjukkan diri kepada Ahab.

Ketika itu, bencana kebuluran sedang menyerang dengan hebatnya di Samaria. ³ Maka Ahab memanggil Obaja, kepala istananya dan seorang yang sangat takut kepada Tuhan.

⁴ Pada waktu Izebel melenyapkan nabi-nabi Tuhan, Obaja membawa seratus orang nabi lalu menyembunyikan mereka dalam dua kelompok di dalam gua, lima puluh orang sekelompok, dan menyediakan roti serta air untuk mereka.

⁵ Kata Ahab kepada Obaja, “Jelajahilah negeri ini, datangi semua mata air dan sungai. Barangkali kita dapat menemukan rumput sehingga kita dapat menyelamatkan kuda dan baghal, agar

kita tidak kehilangan kesemua binatang itu.”

⁶ Maka mereka membahagikan negeri itu untuk dijelajahi. Ahab pergi seorang diri ke arah yang satu dan Obaja pergi seorang diri ke arah yang satu lagi.

⁷ Sewaktu Obaja dalam perjalanan, tiba-tiba dia bertemu dengan Elia. Obaja mengenalinya lalu sujud dan berkata, “Benarkah ini tuanku Elia?”

⁸ Jawabnya, “Benar. Pergilah, katakan kepada tuanmu, ‘Elia ada di sini.’ ”

⁹ Kata Obaja, “Apakah dosa hamba, sehingga tuan menyerahkan hambamu ini ke dalam tangan Ahab untuk dibunuh olehnya? ¹⁰ Demi Tuhan, Allahmu yang hidup, tidak ada bangsa atau kerajaan yang tidak didatangi oleh suruhan tuanku Ahab untuk mencari tuan. Apabila orang berkata, ‘Dia tidak ada,’ maka dia menyuruh kerajaan atau bangsa itu bersumpah bahawa mereka memang tidak menemukan tuan.

¹¹ Tetapi sekarang tuan berkata, ‘Pergilah, katakanlah kepada tuanmu, “Elia ada di sini.” ’

¹² Nanti, setelah hamba pergi meninggalkan tuan, roh Tuhan mengangkat tuan ke tempat yang tidak hamba ketahui. Lalu apabila hamba datang memberitahu Ahab dan dia tidak mendapati tuan, maka dia akan membunuh hamba, padahal hambamu ini takut kepada Tuhan sejak kecil.

¹³ Tidakkah diberitahukan kepada tuanku apa

yang hamba lakukan ketika Izebel membunuh nabi-nabi Tuhan? Hamba menyembunyikan seratus orang daripada kalangan nabi Tuhan di dalam gua, lima puluh orang sekelompok, dan menyediakan bagi mereka roti serta air. ¹⁴ Tetapi sekarang tuan berkata, ‘Pergilah, katakanlah kepada tuanmu, “Elia ada di sini.” ’ Pasti dia akan membunuh hamba.”

¹⁵ Kata Elia, “Demi Tuhan alam semesta, yang hidup dan yang kepada-Nya aku mengabdikan diri, sesungguhnya hari ini juga aku akan memperlihatkan diri kepadanya.”

Elia bertemu dengan Raja Ahab

¹⁶ Maka pergilah Obaja menemui Ahab dan memberitahukan hal itu kepadanya. Lalu Ahab pun pergi menemui Elia. ¹⁷ Pada waktu Ahab melihat Elia, Ahab berkata kepadanya, “Engkaukah ini, wahai orang yang menyusahkan Israel?”

¹⁸ Jawabnya, “Bukan aku yang menyusahkan Israel, melainkan engkau dan kaum keluargamu, kerana kamu telah meninggalkan perintah-perintah Tuhan lalu mengikuti para Baal.

¹⁹ Sekarang, kumpulkanlah semua orang Israel lalu temui aku di Gunung Karmel. Ajak pula empat ratus lima puluh orang nabi Baal itu, dan

empat ratus orang nabi Asyera, yang mendapat makanan dari meja Izebel.”

Elia di Gunung Karmel

²⁰ Ahab mengirim utusan ke seluruh orang Israel dan mengumpulkan nabi-nabi di Gunung Karmel.

²¹ Kemudian Elia mendekati seluruh rakyat itu dan berkata, “Berapa lama lagi kamu akan berjalan tempang dengan hati yang bercabang? Jika Tuhan itu Allah, ikutilah Dia, tetapi jika Baal itu Allah, ikutilah dia.”

Rakyat tidak menjawab dia sepele kata pun.

²² Kemudian Elia berkata kepada rakyat, “Hanya aku sendiri inilah yang masih tinggal sebagai nabi Tuhan, manakala nabi-nabi Baal itu ada empat ratus lima puluh orang jumlahnya.

²³ Berilah kami dua ekor lembu jantan. Mereka boleh memilih seekor lembu untuk mereka, memotong-motongnya, lalu meletakkannya di atas kayu api, tetapi jangan letakkan api pada kayu api itu. Aku akan mengolah lembu yang seekor lagi, meletakkannya di atas kayu api, juga tanpa meletakkan api pada kayu api itu.

²⁴ Serulah nama tuhanmu dan aku pula akan menyeru nama Tuhan. Yang menjawab dengan api, dialah Allah.”

Kata seluruh rakyat itu, “Usul yang baik!”

²⁵ Kemudian berkatalah Elia kepada nabi-nabi Baal itu, “Pilihlah seekor lembu untukmu dan olahlah lebih dahulu, kerana kamu ramai jumlahnya. Serulah nama tuhanmu, tetapi jangan letakkan api.”

²⁶ Maka mereka mengambil lembu yang diberikan kepada mereka, mengolahnya, lalu memanggil nama Baal dari pagi sampai tengah hari. Mereka berseru-seru, “Ya Baal, jawablah kami!” Tetapi tidak ada suara dan tidak ada yang menjawab. Sementara itu mereka berkinja-kinja di sekeliling mazbah yang dibuat mereka.

²⁷ Pada tengah hari Elia mengolok-olok mereka, katanya, “Panggillah dengan suara nyaring! Bukankah dia itu tuhan? Mungkin dia sedang berfikir, mungkin dia sedang melegakan diri di bilik air, mungkin dia sedang dalam perjalanan. Jangan-jangan dia tertidur dan harus dibangunkan.” ²⁸ Maka mereka memanggil dengan suara nyaring dan menoreh-noreh diri dengan pedang dan tombak seperti yang biasa dilakukan mereka, sehingga darah bercucuran daripada tubuh mereka. ²⁹ Setelah berlalunya tengah hari, mereka terus meramal sampai waktu mempersembahkan persembahan petang. Namun demikian, tidak ada suara, tidak ada yang menjawab, dan tidak ada yang memberi perhatian.

³⁰ Lalu kata Elia kepada seluruh rakyat, “Datanglah dekat kepadaku!” Maka seluruh rakyat pun mendekatinya. Kemudian Elia memperbaiki mazbah Tuhan yang telah diruntuhkan itu. ³¹ Seterusnya Elia mengambil dua belas buah batu selaras dengan jumlah suku bani Yakub – kepada Yakub ini pernah datang firman Tuhan demikian, “Namamu akan menjadi Israel.” ³² Dengan batu-batu itu dibinanya suatu mazbah demi nama Tuhan dan dibuatnya parit di sekeliling mazbah itu, yang dapat memuat benih sebanyak dua sukatan. ³³ Diaturnya kayu api, lalu dipotong-potongnya lembu itu, dan diletakkannya di atas kayu api. ³⁴ Kemudian dia berkata, “Isilah empat buah tempayan dengan air, lalu curahkanlah air itu ke atas korban bakaran dan juga kayu api itu.” Katanya, “Buatlah begitu untuk kali kedua.” Lalu mereka melakukan hal itu untuk kali keduanya. Katanya lagi, “Buatlah begitu untuk kali ketiga.” Maka mereka melakukannya lagi untuk kali ketiga. ³⁵ Air pun mengalir daripada mazbah itu, memenuhi parit di sekelilingnya.

³⁶ Ketika tiba waktu memersembahkan persembahan petang, majulah Nabi Elia dan berkata, “Ya Tuhan, Allah Abraham, Ishak,

dan Israel, biarlah pada hari ini mereka tahu bahawa Engkaulah Allah di Israel, bahawa aku ini hamba-Mu, dan bahawa aku melakukan segala hal ini berdasarkan firman-Mu. ³⁷ Jawablah aku, ya Tuhan, jawablah aku, supaya umat ini tahu bahawa Engkau, ya Tuhan, sememangnya Allah, dan bahawa Engkaulah yang membuat hati mereka berbalik kembali.”

³⁸ Maka turunlah api Tuhan melahap korban bakaran, kayu api, batu-batu, dan debu tanah, serta menjilat air yang ada di dalam parit itu.

³⁹ Ketika seluruh rakyat melihat hal itu, sujudlah mereka lalu berkata, “Tuhan, Dialah Allah! Tuhan, Dialah Allah!”

⁴⁰ Kata Elia kepada mereka, “Tangkaplah nabi-nabi Baal itu. Jangan biarkan terlepas seorang pun daripada mereka!” Mereka pun ditangkap, lalu Elia membawa mereka turun ke Sungai Kison dan menyembelih mereka di sana.

⁴¹ Kemudian berkatalah Elia kepada Ahab, “Pergilah, makan dan minumlah, kerana sudah terdengar bunyi derau hujan.” ⁴² Ahab pun pergi untuk makan dan minum, tetapi Elia naik ke puncak Gunung Karmel, lalu membongkok ke tanah dengan mukanya di antara kedua-dua lututnya. ⁴³ Katanya kepada pelayannya, “Naiklah

ke atas, pandang ke arah laut.” Pelayan itu naik, melayangkan matanya, dan berkata, “Tidak ada apa-apa!” Elia berkata, “Naiklah lagi” sampai tujuh kali. ⁴⁴ Pada kali ketujuh pelayan itu berkata, “Ada awan kecil sebesar telapak tangan muncul dari laut.”

Kata Elia, “Pergilah, katakan kepada Ahab, ‘Pasanglah ratamu dan turunlah, supaya engkau tidak tertahan oleh hujan.’ ”

⁴⁵ Seketika sahaja langit menjadi gelap oleh awan dan angin, lalu turunlah hujan lebat. Ahab menaiki ratanya lalu pergi ke Yizreel.

⁴⁶ Sementara itu, kuasa Tuhan turun ke atas Elia. Dia menyingsing jubahnya dan mengikat pinggang lalu berlari mendahului Ahab sampai ke jalan pintu gerbang Yizreel.

Elia ke Gunung Horeb

19 ¹ Disampaikanlah oleh Ahab kepada Izebel perihal semua yang dilakukan Elia dan bagaimana dia membunuh semua nabi itu dengan pedang. ² Lalu Izebel mengutus seorang pesuruh kepada Elia dengan pesan, “Biarlah tuhan mengazabkan aku bahkan lebih lagi, jika esok pada waktu seperti ini aku tidak membuat nyawamu sama dengan nyawa seorang daripada kalangan mereka.” ³ Apabila diketahuinya hal itu, Elia bergegas pergi menyelamatkan diri.

Sesampainya di Bersyeba, wilayah Yehuda, ditinggalkannya pelayannya di sana ⁴ sementara dia pergi seorang diri kira-kira sejauh sehari perjalanan ke gurun. Di sana duduklah dia di bawah sebuah pokok arar, dan memohon supaya dia mati sahaja, katanya, “Cukuplah! Sekarang, ya Tuhan, cabutlah nyawaku kerana aku ini tidak lebih baik daripada nenek moyangku.”

⁵ Kemudian dia berbaring dan tidur di bawah pokok arar itu. Tiba-tiba seorang malaikat menjamahnya dan bersabda kepadanya, “Bangunlah, makanlah.” ⁶ Ketika dia memandang sekelilingnya, tampaklah yang berdekatan dengan kepalanya ada sepotong roti bundar terpanggang di atas bara api dan sebuah buyung berisi air. Dia pun makan dan minum, lalu berbaring lagi. ⁷ Lalu untuk kali keduanya malaikat Tuhan datang lagi dan menjamah dia serta bersabda, “Bangunlah, makanlah, kerana perjalanan kelak terlalu jauh bagimu.” ⁸ Maka Elia bangun lalu makan dan minum. Kemudian dengan kekuatan daripada makanan itu, dia berjalan selama empat puluh hari empat puluh malam sampai ke gunung Allah, iaitu Gunung Horeb.

Allah menyatakan diri di Gunung Horeb

⁹ Di sana dia masuk ke dalam sebuah gua lalu bermalam di situ. Tiba-tiba datanglah firman Tuhan kepadanya demikian, “Apakah yang kaukerjakan di sini, wahai Elia?”

¹⁰ Jawabnya, “Aku telah berjuang penuh semangat bagi Tuhan, Allah alam semesta, kerana orang Israel telah mengabaikan perjanjian-Mu, meruntuhkan mazbah-mazbah-Mu, dan membunuh nabi-nabi-Mu dengan pedang. Hanya aku yang masih tinggal, dan mereka sedang berusaha untuk membunuhku.”

¹¹ Firman-Nya, “Keluurlah dan berdirilah di atas gunung itu, di hadapan Tuhan.” Kemudian Tuhan berlalu. Mendahului Tuhan ada angin yang besar dan kuat membelah gunung itu serta memecahkan bukit-bukit batu, tetapi Tuhan tidak ada di dalam angin itu. Sesudah angin itu ada gempa, tetapi Tuhan tidak ada di dalam gempa itu. ¹² Sesudah gempa itu ada api, tetapi Tuhan tidak juga ada di dalam api itu. Sesudah api itu ada suara yang lembut.

¹³ Apabila Elia mendengar suara itu, diselubunginya mukanya dengan jubahnya, lalu keluar dan berdiri di pintu gua itu. Tiba-tiba

terdengarlah suara menyapanya demikian, “Apa yang kaukerjakan di sini, wahai Elia?”

¹⁴ Jawabnya, “Aku telah berjuang penuh semangat bagi Tuhan, Allah alam semesta, kerana orang Israel telah mengabaikan perjanjian-Mu, meruntuhkan mazbah-mazbah-Mu, dan membunuh nabi-nabi-Mu dengan pedang. Hanya aku yang masih tinggal, dan mereka sedang berusaha untuk membunuhku.”

¹⁵ Firman Tuhan kepadanya, “Pergilah, kembalilah ke jalanmu menuju Gurun Damsyik. Sesampainya di sana, lantiklah Hazael untuk menjadi raja atas Aram. ¹⁶ Lantiklah juga Yehu, cucu Nimsi, menjadi raja atas Israel, dan Elisa anak Safat dari Abel-Mehola menjadi nabi untuk menggantikan engkau. ¹⁷ Nanti, sesiapa yang terselamat daripada pedang Hazael akan dibunuh oleh Yehu, dan sesiapa yang terselamat daripada pedang Yehu akan dibunuh oleh Elisa. ¹⁸ Namun demikian, Aku akan membiarkan terselamat tujuh ribu orang di Israel, iaitu semua orang yang tidak bertekuk lutut kepada Baal dan semua orang yang tidak menciumnya.”

Elisa terpenggil

¹⁹ Maka pergilah Elia dari sana, lalu didapatinya Elisa anak Safat yang sedang membajak. Ada dua belas pasangan lembu di hadapannya, sementara dia sendiri membajak dengan pasangan lembu yang kedua belas itu. Elia berjalan melalui dia seraya melemparkan jubahnya kepadanya.

²⁰ Lalu Elisa meninggalkan lembu-lembu itu dan berlari menyusul Elia, katanya, “Izinkanlah hamba mencium ayah dan ibu hamba dahulu, barulah hamba akan mengikuti tuan.”

Kata Elia kepadanya, “Pulanglah. Adakah aku menghalang kamu?”

²¹ Lalu dia berhenti mengikuti Elia. Kemudian diambilnya dua ekor lembu dan disembelihnya. Dimasaknya daging itu dengan kayu api daripada kuk lembu itu, diberikannya kepada orang ramai, lalu makanlah mereka. Setelah itu, dia segera mengikuti Elia dan menjadi pelayannya.

Benhadad menyerang Israel

20 ¹ Benhadad, raja Aram, mengerahkan seluruh pasukannya. Maka ada tiga puluh dua orang raja dengan kuda dan rata yang menyertainya. Dia maju mengepung Samaria dan memeranginya. ² Dikirimnya beberapa orang utusan ke dalam kota untuk menemui Ahab,

Raja Israel, ³ dengan pesan, “Beginilah titah Benhadad, ‘Perakmu dan emasmu ialah milikku. Juga isteri-isterimu dan anak-anakmu yang elok ialah milikku.’ ”

⁴ Raja Israel menjawab, “Sebagaimana titah tuanku itu, ya Tuanku Raja. Hamba beserta semua yang ada pada hamba ialah milik tuanku.”

⁵ Kemudian para utusan itu kembali lagi dan berkata, “Beginilah titah Benhadad, ‘Memang aku telah menyuruh orang menemuimu dengan pesan, “Engkau harus menyerahkan perak, emas, isteri-isteri, dan anak-anakmu kepadaku,” ⁶ tetapi esok pada waktu seperti ini, aku akan menyuruh pegawai-pegawaimu kepadamu untuk menggeledah rumahmu dan rumah pegawai-pegawaimu. Nanti, semua yang kausukai akan diambil mereka dan dibawa mereka.’ ”

⁷ Lalu Raja Israel memanggil semua tua-tua negeri itu dan berkata, “Lihatlah dan perhatikanlah bagaimana orang ini mengikhtiarkan kesusahan terhadap kita. Ketika dia menyuruh orang menemuiku lalu meminta isteri-isteri dan anak-anakku, juga perak serta emasku, aku tidak menolak tuntutananya.”

⁸ Maka kata semua tua-tua dan seluruh rakyat itu kepadanya, “Jangan dengarkan dan jangan luluskan keinginannya.”

⁹ Oleh sebab itu dia berkata kepada para utusan Benhadad, “Katakanlah kepada Tuanku Raja, ‘Segala sesuatu yang kali pertama tuanku tuntutan daripada hambamu ini akan hamba lakukan, tetapi permintaan yang sekarang ini tidak dapat hamba lakukan.’ ”

Maka pergilah mereka menyampaikan perkataan itu kepada Benhadad. ¹⁰ Benhadad mengutus orang lagi untuk menemuinya dengan pesan, “Biarlah tuhan mengazab aku bahkan lebih lagi, jika debu Tanah Samaria nanti masih cukup untuk digenggam seluruh pasukan yang mengiringi aku!”

¹¹ Jawab Raja Israel, “Katakanlah kepadanya, ‘Janganlah orang yang baru menyandang senjata bermegah seolah-olah sudah menanggalkannya.’ ”

¹² Apabila Benhadad mendengar perkataan itu, dia sedang minum-minum bersama dengan para raja di dalam pondok, berkatalah dia kepada pegawai-pegawainya, “Bersiaplah!” Maka mereka bersiap-siap untuk menyerang kota itu.

¹³ Sementara itu seorang nabi datang menghadap Ahab, Raja Israel, dan berkata, “Beginilah firman Tuhan, ‘Sudahkah kau lihat seluruh pasukan yang besar itu? Sesungguhnya, pada hari ini Aku akan menyerahkan mereka ke

dalam tanganmu dan engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan.' ”

¹⁴ Tanya Ahab, “Dengan perantaraan siapa?”

Kata nabi itu, “Beginilah firman Tuhan, ‘Dengan perantaraan pengiring para pembesar wilayah.’ ”

Tanyanya lagi, “Siapakah yang akan memulai peperangan?”

Jawabnya, “Engkau.”

¹⁵ Maka dihitungnya jumlah pengiring para pembesar wilayah itu ada seramai dua ratus tiga puluh dua orang. Setelah itu, dihitungnya pula jumlah seluruh pasukan, iaitu seluruh orang Israel, tujuh ribu orang semuanya.

¹⁶ Maka keluarlah mereka pada waktu tengah hari, sementara Benhadad minum-minum sampai mabuk di dalam pondok bersama dengan kesemua tiga puluh dua orang raja yang membantunya itu. ¹⁷ Ketika pengiring kepada para pembesar wilayah itu maju lebih dahulu, Benhadad menyuruh orang menyelidikinya. kepadanya diberitahukan, “Ada orang yang keluar dari Samaria.” ¹⁸ Katanya, “Jika mereka datang dengan tujuan berdamai, tangkap mereka juga hidup-hidup! Tetapi jika mereka datang dengan tujuan berperang, tangkap juga mereka hidup-hidup!”

¹⁹ Sementara itu pengiring kepada para pembesar wilayah keluar dari dalam kota, diiringi

pasukan yang mengikuti mereka. ²⁰ Masing-masing menewaskan lawannya sehingga orang Aram itu melarikan diri, dikejar oleh orang Israel. Benhadad, raja Aram, juga menyelamatkan diri dengan menunggangi kuda bersama beberapa orang pasukan berkuda. ²¹ Raja Israel pun keluar. Dipukulnya kalah kuda dan rata, lalu dilakukannya pembantaian besar-besaran dalam kalangan Aram.

²² Kemudian nabi itu datang menghadap Raja Israel dan berkata kepadanya, “Pergilah, kuatkanlah hatimu. Fikirkan dan pertimbangkanlah apa yang harus kaulakukan, kerana pada tahun yang berikut raja Aram akan maju menyerang engkau lagi.”

Pertempuran dekat kota Afek

²³ Para pegawai raja Aram berkata kepada raja, “Tuhan mereka tuhan gunung; maka sebab itulah mereka lebih kuat daripada kita. Tetapi jika kita berperang melawan mereka di tanah datar, pasti kita lebih kuat daripada mereka.

²⁴ Lakukanlah hal ini, tuanku: Singkirkanlah raja masing-masing daripada kedudukan mereka dan angkatlah para pembesar untuk menggantikan mereka. ²⁵ Selanjutnya, kerahkanlah pasukan tuanku seramai yang telah tewas, demikian juga segala kuda dan rata. Kita harus berperang

melawan mereka di tanah datar. Pasti kita lebih kuat daripada mereka.”

Raja mendengar dan bertindak menurut usul mereka itu. ²⁶ Pada tahun yang berikut, Benhadad mengerahkan pasukan Aram lalu maju ke Afek untuk berperang melawan orang Israel. ²⁷ Orang Israel pun mengerahkan pasukan mereka. Setelah siap dengan segala perbekalan, mereka pergi menghadapi orang Aram. Orang Israel berkhemah berhadapan dengan mereka seperti dua kawanan kecil kambing, sementara orang Aram memenuhi negeri itu.

²⁸ Kemudian seorang hamba Allah datang menghadap Raja Israel dan berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, ‘Kerana orang Aram telah berkata, “Tuhan ialah tuhan gunung dan bukan tuhan lembah,” maka Aku akan menyerahkan seluruh pasukan yang besar ini ke dalam tanganmu dan kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.’ ”

²⁹ Tujuh hari lamanya mereka berkhemah berhadap-hadapan, dan pada hari ketujuh perang pun dimulai. Dalam satu hari, orang Israel menewaskan seratus ribu orang pasukan berjalan kaki daripada kalangan Aram. ³⁰ Orang yang terselamat melarikan diri ke Afek, ke dalam kota, tetapi temboknya roboh menimpa dua puluh tujuh ribu orang yang terselamat itu.

Benhadad pun melarikan diri ke kota, lalu masuk ke sebuah bilik yang letaknya sangat jauh di dalam. ³¹ Kata pegawai-pegawainya kepadanya, “Sesungguhnya, kami telah mendengar bahawa raja-raja keturunan kaum Israel itu memang raja yang berbelas kasihan. Izinkan kami mengenakan kain perkabungan pada pinggang kami dan tali pada kepala kami, lalu keluar mendapatkan Raja Israel. Mudah-mudahan dia akan menyelamatkan nyawamu.”

³² Kemudian mereka melilitkan kain perkabungan pada pinggang mereka dan tali pada kepala mereka, lalu pergi menghadap Raja Israel dan berkata, “Hambamu Benhadad berkata, ‘Kumohon, biarkan hamba tetap hidup.’”

Katanya, “Masih hidupkah dia? Dia saudaraku.”

³³ Mereka itu menganggapnya sebagai petanda baik dan segera memegang kata-katanya itu.

Kata mereka, “Ya, saudara Tuankulah Benhadad.” Kata Ahab, “Pergilah dan bawalah dia ke mari.” Lalu keluarlah Benhadad mendapatkan Ahab, lalu Ahab mengajak Benhadad naik ke atas ratanya.

³⁴ Kata Benhadad kepadanya, “Kota-kota yang telah diambil ayah hamba daripada ayah tuan akan hamba kembalikan. Tuan boleh membuat pasar bagi tuan di Damsyik, seperti yang telah

dibuat ayah hamba di Samaria.” Kata Ahab, “Atas dasar perjanjian itu aku akan melepaskan engkau pergi.”

Demikianlah Ahab mengikat perjanjian dengan Benhadad dan melepaskannya pergi.

Nubuat tentang hukuman yang akan menimpa Raja Ahab

³⁵ Atas perintah Tuhan, seorang daripada rombongan nabi berkata kepada kawannya “Pukullah aku!” Tetapi kawannya itu enggan memukulnya. ³⁶ Lalu dia berkata kepadanya, “Ketahuilah, kerana engkau tidak mematuhi Tuhan, maka sebaik sahaja engkau pergi meninggalkan aku, seekor singa akan menerkam engkau.” Maka ketika orang itu pergi meninggalkannya, seekor singa menghalang dia dan menerkamnya.

³⁷ Kemudian nabi itu bertemu dengan seorang yang lain dan berkata, “Pukullah aku!” Orang itu benar-benar memukul dan melukainya.

³⁸ Setelah itu, pergilah nabi itu dan menantikan raja di tepi jalan. Dia menyamar dengan membalut matanya. ³⁹ Pada waktu raja berlalu, berserulah dia kepada raja, katanya, “Hambamu ini maju ke tengah-tengah peperangan, lalu

tiba-tiba ada orang yang menyimpang dan membawa seseorang kepadaku. Dia berkata, ‘Jagalah orang ini. Kalau dia sampai hilang, maka nyawamu ialah ganti nyawanya, atau engkau harus membayar satu talenta perak.’⁴⁰ Ketika hambamu ini sibuk ke sana ke mari, orang itu hilang pula.”

Kata Raja Israel kepadanya, “Itulah hukumanmu. Engkau sendiri yang telah memutuskannya.”

⁴¹ Kemudian segeralah dia membuka pembalut itu daripada matanya, dan Raja Israel mengenalinya sebagai seorang daripada nabi.⁴² Kata nabi itu kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, ‘Kerana engkau telah melepaskan daripada tanganmu orang yang Kukhususkan untuk ditumpaskan, maka nyawamu ialah ganti nyawanya dan rakyatmu ganti rakyatnya.’”

⁴³ Maka pergilah Raja Israel ke istananya dengan marah dan geram, lalu dia sampai di Samaria.

Kebun anggur Nabot

21¹ Tidak beberapa lama kemudian setelah peristiwa itu, terjadilah hal yang berikut. Nabot, orang Yizreel, mempunyai kebun anggur yang terletak di Yizreel, di sisi istana Ahab, raja Samaria.² Ahab berkata kepada Nabot, “Berilah aku kebun anggurmumu itu untuk kujadikan kebun sayur, kerana letaknya dekat dengan istanaku.

Aku akan memberimu kebun anggur yang lebih baik daripada itu sebagai gantinya, atau jika engkau lebih suka, aku akan membayarnya dengan wang senilai harganya.”

³ Kata Nabot kepada Ahab, “Tuhan melarang hamba untuk memberikan harta pusaka nenek moyang hamba kepada tuanku.”

⁴ Maka pulanglah Ahab ke istananya dengan marah dan geram kerana kata-kata yang diucapkan Nabot, orang Yizreel itu, kepadanya, “Hamba tidak boleh memberi tuanku harta pusaka nenek moyang hamba itu.” Lalu dia berbaring di tempat tidurnya sambil memalingkan mukanya, dan tidak mahu makan.

⁵ Izebel, isterinya, datang menghampirinya lantas bertanya kepadanya, “Mengapakah hatimu begitu marah sehingga engkau tidak mahu makan?”

⁶ Jawabnya kepada isterinya, “Tadi aku berbicara dengan Nabot, orang Yizreel itu, dan berkata kepadanya, ‘Juallah kebun anggurmumu kepadaku, atau jika engkau lebih suka, aku akan memberimu kebun anggur lain sebagai gantinya.’ Tetapi jawabnya, ‘Hamba tidak boleh memberikan kepada tuanku kebun anggur hamba itu.’ ”

⁷ Kata Izebel, isterinya, kepadanya, “Bukankah engkau yang sekarang memerintah kerajaan

Israel? Bangunlah, makanlah, dan senangkanlah hatimu. Aku akan memberikan kepadamu kebun anggur Nabot, orang Yizreel itu.”

⁸ Lalu Izebel menulis beberapa pucuk surat atas nama Ahab dan memateraiukannya dengan materai raja. Dikirimnya surat-surat itu kepada tua-tua dan kepada bangsawan yang tinggal satu kota dengan Nabot. ⁹ Dalam surat-surat itu ditulisnya demikian, “Maklumkanlah puasa dan dudukkanlah Nabot di tempat yang terutama dalam kalangan rakyat. ¹⁰ Dudukkanlah juga di hadapannya dua orang penjahat dan biarlah mereka bersaksi menentang dia dengan mengatakan, ‘Engkau telah mengutuk Allah dan raja.’ Lalu bawalah dia keluar dan rejamalah dia sampai mati.”

¹¹ Orang yang satu kota dengannya, iaitu tua-tua dan bangsawan yang tinggal di kotanya, melakukan apa yang diperintahkan Izebel kepada mereka, seperti tertulis dalam surat yang dikirimkannya kepada mereka. ¹² Mereka memaklumkan puasa dan mendudukkan Nabot di tempat yang terutama di antara rakyat. ¹³ Kemudian datanglah kedua-dua orang penjahat itu. Mereka duduk di hadapannya lalu bersaksi menentang Nabot di hadapan rakyat, kata mereka, “Nabot telah mengutuk Allah dan raja.” Lalu mereka membawa dia keluar kota dan

merejamnya dengan batu sampai mati. ¹⁴ Setelah itu, mereka menyuruh orang menghadap Izebel dan berkata, “Nabot telah mati direjam.”

¹⁵ Sebaik sahaja Izebel mendengar bahawa Nabot telah mati direjam, berkatalah Izebel kepada Ahab, “Bangunlah, ambillah kebun anggur Nabot, orang Yizreel itu, menjadi milikmu, iaitu kebun yang tidak mahu dijualnya kepadamu, kerana Nabot sudah tidak hidup lagi. Dia sudah mati.” ¹⁶ Sebaik sahaja Ahab mendengar bahawa Nabot sudah mati, segeralah dia pergi ke kebun anggur Nabot, orang Yizreel itu, untuk mengambilnya menjadi miliknya.

¹⁷ Maka datanglah firman Tuhan kepada Elia, orang Tisbe itu, demikian, ¹⁸ “Segeralah pergi dan temui Ahab, Raja Israel, yang tinggal di Samaria. Ketahuilah, dia sedang berada di kebun anggur Nabot. Dia pergi ke sana untuk mengambilnya menjadi miliknya. ¹⁹ Katakanlah kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan: Bukankah engkau telah membunuh orang dan mengambil miliknya pula?’ Katakan juga kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan: Di tempat anjing menjilat darah Nabot, di situ jugalah anjing akan menjilat darahmu.’ ”

²⁰ Maka kata Ahab kepada Elia, “Engkau sudah tahu tembelang aku, wahai musuhku.”

Jawabnya, “Benar, aku telah mengetahui tembelang engkau, kerana engkau telah menjual

dirimu dengan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. ²¹ 'Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka ke atasmu. Aku akan menyingkirkan engkau dan melenyapkan daripada Ahab setiap lelaki, baik orang kurungan mahupun orang merdeka, daripada kalangan umat Israel. ²² Aku akan menjadikan keluargamu sama seperti keluarga Yerobeam anak Nebat dan seperti keluarga Baesa anak Ahia, kerana engkau telah membangkitkan murka-Ku dan kerana engkau telah menyebabkan orang Israel turut berdosa.' ²³ Juga mengenai Izebel Tuhan berfirman demikian, 'Anjing akan memakan Izebel dalam lingkungan tembok Yizreel.'

²⁴ Sesiapa sahaja daripada orang Ahab yang mati di kota akan dimakan anjing, dan yang mati di padang akan dimakan oleh burung di udara."

²⁵ Memang belum pernah ada orang seperti Ahab, yang menjual diri dengan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan kerana dipujuk oleh Izebel, isterinya. ²⁶ Dia bertindak sangat keji dengan mengikuti berhala-berhala, sama seperti semua yang dilakukan oleh orang Amori, yang telah dihalaui Tuhan di hadapan orang Israel.

²⁷ Setelah Ahab mendengar kata-kata itu, dikoyakkannya pakaiannya, dikenakannya kain

perkabungan pada tubuhnya, dan berpuasalah dia dan tidur dengan memakai kain perkabungan dan berjalan perlahan-lahan.

²⁸ Maka datanglah firman Tuhan kepada Elia, orang Tisbe itu, demikian, ²⁹ “Sudahkah kaulihat bagaimana Ahab merendahkan diri di hadapan-Ku? Kerana dia telah merendahkan diri di hadapan-Ku, maka Aku tidak akan mendatangkan malapetaka pada zamannya. Pada zaman anaknya lah Aku akan mendatangkan malapetaka ke atas keluarganya.”

Ahab dan nabi palsu

22 ¹ Tiga tahun lamanya tidak ada perang antara orang Aram dengan orang Israel.

² Tetapi pada tahun ketiga, Yosafat, raja Yehuda, pergi mendapatkan Raja Israel.

³ Kata Raja Israel kepada para pegawainya, “Tahukah kamu bahawa Ramot-Gilead itu milik kita? Tetapi kita berdiam diri sahaja dan tidak merebutnya daripada tangan raja Aram.”

⁴ Lalu katanya kepada Yosafat, “Mahukah tuan berangkat bersama-samaku untuk berperang ke Ramot-Gilead?”

Jawab Yosafat kepada Raja Israel, “Aku ini sehati dengan tuan, rakyatku dengan rakyat tuan, dan kuda-kudaku dengan kuda-kuda tuan.”

⁵ Namun demikian, kata Yosafat kepada Raja Israel, “Sebaiknya cari petunjuk Tuhan dahulu.”

⁶ Maka Raja Israel mengumpulkan nabi seramai kira-kira empat ratus orang lalu bertanya kepada mereka, “Bolehkah aku pergi berperang melawan Ramot-Gilead, atau haruskah aku membatalkannya?”

Jawab mereka, “Pergilah, kerana Tuhan akan menyerahkannya ke dalam tangan Raja.”

⁷ Tetapi kata Yosafat, “Tidak adakah lagi di sini seorang nabi Tuhan, supaya kita dapat mencari petunjuk daripadanya?”

⁸ Kata Raja Israel kepada Yosafat, “Masih ada seorang lagi yang dapat disuruh untuk meminta petunjuk Tuhan, tetapi aku membenci dia, kerana dia tidak pernah menubuatkan hal yang baik tentang aku, melainkan hal yang buruk belaka. Dia ialah Mikha anak Yimla.”

Kata Yosafat, “Janganlah Raja berkata demikian.”

⁹ Kemudian Raja Israel memanggil seorang pegawai istananya dan berkata, “Jemputlah Mikha anak Yimla dengan segera.”

¹⁰ Pada waktu itu, dengan menyarung pakaian kebesaran masing-masing, Raja Israel dan Yosafat, raja Yehuda, duduk di atas takhta masing-masing di tempat pembantingan di depan pintu gerbang Samaria, sementara semua nabi itu bernubuat di hadapan mereka. ¹¹ Zedekia

anak Kenaana membuat tanduk-tanduk bagi dirinya daripada besi lalu berkata, “Beginilah firman Tuhan, ‘Dengan inilah tuanku akan menanduk orang Aram sampai mereka tumpas.’”¹² Semua nabi pun bernubuat demikian, kata mereka, “Majulah ke Ramot-Gilead dan raihlah kejayaan, kerana Tuhan akan menyerahkannya ke dalam tangan Raja.”

¹³ Sementara itu utusan yang pergi memanggil Mikha berkata kepada Mikha, “Ketahuilah, nabi-nabi itu bersatu hati mengatakan hal yang baik kepada raja. Jadi, hendaklah kata-katamu sama dengan kata-kata seorang daripada kalangan mereka. Katakanlah hal yang baik.”

¹⁴ Jawab Mikha, “Demi Tuhan yang hidup, sesungguhnya apa yang difirmankan Tuhan kepadaku, itulah yang akan kukatakan.”

¹⁵ Setelah dia sampai di hadapan raja, berkatalah raja kepadanya, “Mikha, bolehkah kami pergi berperang ke Ramot-Gilead, atau haruskah kami membatalkannya?”

Jawabnya kepadanya, “Pergilah dan raihlah kejayaan. Tuhan akan menyerahkannya ke dalam tangan Raja.”

¹⁶ Tetapi kata raja kepadanya, “Sampai berapa kali aku harus menyuruh engkau bersumpah untuk tidak mengatakan apa-apa kepadaku selain kebenaran dalam nama Tuhan?”

¹⁷ Kata Mikha, “Aku melihat semua orang Israel bercerai-berai di gunung-gunung seperti domba yang tidak bergembala. Lalu Tuhan berfirman, ‘Mereka ini tidak bertuan. Biarlah mereka pulang ke rumah masing-masing dengan selamat.’ ”

¹⁸ Kemudian Raja Israel berkata kepada Yosafat, “Bukankah sudah kukatakan kepadamu bahawa dia tidak pernah menubuatkan hal yang baik tentang aku, melainkan hal yang buruk belaka?”

¹⁹ Mikha berkata lagi, “Oleh sebab itu dengarlah firman Tuhan. Aku telah melihat Tuhan duduk di atas takhta-Nya, sementara seluruh angkatan syurga berdiri di sebelah kanan dan kiri-Nya.

²⁰ Lalu Tuhan berfirman, ‘Siapakah yang mahu memujuk Ahab supaya dia maju dan tewas di Ramot-Gilead?’ Maka yang satu berkata begini dan yang lain berkata begitu. ²¹ Kemudian tampillah suatu roh, lalu berdiri di hadapan Tuhan. Katanya, ‘Aku akan memujuk dia.’ Firman Tuhan kepadanya, ‘Dengan apa?’ ²² Jawabnya, ‘Aku akan keluar dan menjadi roh dusta di dalam mulut semua nabinya.’ Firman-Nya, ‘Engkau akan memujuk dia dan berjaya. Pergilah dan berbuatlah demikian!’

22:17: Bil 27:17; Mat 9:36; Mrk 6:34.

22:19: Ayb 1:6; Yes 6:1.

²³ Sekarang ketahuilah, Tuhan telah mengizinkan roh dusta ditaruh di dalam mulut semua nabi tuanku itu. Tuhan telah menetapkan malapetaka terhadap tuanku.”

²⁴ Kemudian Zedekia anak Kenaana mendekati lantas menampar pipi Mikha. Katanya, “Bagaimanakah mungkin roh daripada Tuhan itu berpindah daripadaku untuk berbicara kepadamu?”

²⁵ Jawab Mikha, “Sesungguhnya, engkau akan mengetahuinya pada hari itu, ketika engkau masuk ke suatu bilik yang terdalam untuk bersembunyi.”

²⁶ Maka Raja Israel memerintahkan, “Tangkap Mikha dan bawa dia kembali kepada Amon, pembesar kota itu, dan kepada Yoas, anak raja.

²⁷ Katakanlah, ‘Beginilah perintah raja: Masukkan orang ini ke dalam penjara. Beri dia roti dan air serba sedikit sampai aku pulang dengan selamat.’”

²⁸ Kata Mikha, “Jika tuanku betul-betul kembali dengan selamat, bererti Tuhan tidak berfirman melalui aku.” Lalu dia berkata, “Dengarlah, wahai bangsa sekalian!”

²⁹ Kemudian majulah Raja Israel dengan Yosafat, raja Yehuda, ke Ramot-Gilead. ³⁰ Kata Raja Israel kepada Yosafat, “Aku akan memasuki medan perang itu dengan menyamar diri. Tetapi

engkau, kenakanlah pakaian kebesaranmu.” Maka menyamarlah Raja Israel, kemudian masuk ke medan perang.

³¹ Sementara itu raja Aram telah memberikan perintah kepada kesemua tiga puluh dua orang panglima pasukan ratanya demikian, “Jangan berperang melawan sesiapa pun, kecil ataupun besar, tetapi lawanlah Raja Israel sahaja.” ³² Pada waktu para panglima pasukan rata itu melihat Yosafat, mereka berkata, “Itu raja Israel.” Mereka berputar untuk berperang melawan dia, tetapi Yosafat berteriak. ³³ Oleh itu, apabila para panglima pasukan rata itu menyedari bahawa dia bukanlah Raja Israel, berhentilah mereka mengejar dia. ³⁴ Akan tetapi, ada seseorang menarik busur panah secara sembarangan sahaja, lalu memanah Raja Israel di antara sambungan baju zirahnya. Kemudian raja berkata kepada pengemudi ratanya, “Putar arah! Bawa aku keluar daripada pertempuran ini kerana aku terluka!”

³⁵ Peperangan bertambah sengit pada hari itu, tetapi raja tetap ditopang berdiri di dalam rata berhadapan dengan orang Aram hingga dia mati pada petang hari. Darahnya mengalir dari lukanya ke lantai rata. ³⁶ Kira-kira pada waktu matahari terbenam, terdengarlah seruan antara

pasukan itu, “Pulanglah ke kota serta ke tanah masing-masing!”

³⁷ Demikianlah mangkatnya raja. Mereka membawa jenazahnya ke Samaria, lalu memakamkannya di Samaria. ³⁸ Rata itu dicuci di tepi kolam Samaria. Anjing-anjing menjilat darahnya, manakala perempuan-perempuan sundal mandi di tempat itu, selaras dengan firman yang telah disampaikan Tuhan.

³⁹ Riwayat Ahab selebihnya, termasuk semua yang dilakukannya, istana gading yang dibinanya, dan semua kota yang dibinanya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ⁴⁰ Lalu Ahab dibaringkan bersama dengan nenek moyangnya. Maka Ahazia, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Yosafat, raja Yehuda

⁴¹ Yosafat anak Asa menaiki takhta atas Yehuda pada tahun zaman keempat zaman pemerintahan Ahab, Raja Israel. ⁴² Umur Yosafat tiga puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta. Dia bertakhta di Yerusalem selama dua puluh lima tahun. Nama ibunya ialah Azuba anak Silhi. ⁴³ Dia hidup mengikuti segala jejak Asa, ayahnya, tanpa menyimpang daripada jalan itu. Dilakukannya apa yang benar di mata Tuhan. Namun demikian, bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya.

Rakyat masih mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan itu.

⁴⁴ Yosafat hidup damai dengan Raja Israel.

⁴⁵ Riwayat Yosafat selebihnya, kejayaan yang dicapainya, dan bagaimana dia berperang, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ⁴⁶ Saki-baki pelacur kuil kaum lelaki yang masih tinggal pada zaman Asa, ayahnya, disingkirkannya dari negeri itu.

⁴⁷ Pada waktu itu tidak ada raja di Edom. Jadi, seorang ketua daerah menjadi raja.

⁴⁸ Yosafat membuat kapal-kapal Tarsis yang berlayar ke Ofir untuk mencari emas, tetapi kapal-kapal itu tidak jadi berlayar kerana pecah di Ezion-Geber. ⁴⁹ Ahazia anak Ahab berkata kepada Yosafat, "Biarlah anak buahku berlayar bersama-sama anak buah tuan di dalam kapal-kapal itu." Tetapi Yosafat tidak mahu.

⁵⁰ Lalu Yosafat dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya dan dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Daud, leluhurnya. Maka Yoram, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikannya.

Ahazia, raja Israel

⁵¹ Ahazia anak Ahab bertakhta atas Israel di Samaria pada tahun ketujuh belas pemerintahan Yosafat, raja Yehuda. Dua tahun lamanya dia

bertakhta atas Israel. ⁵² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan dan hidup mengikuti jejak ayahnya, jejak ibunya, dan jejak Yerobeam anak Nebat, yang telah menyebabkan orang Israel turut berdosa. ⁵³ Dia beribadat kepada Baal dan sujud menyembahnya dan membangkitkan murka Tuhan, Allah Israel, yaitu kemurkaan dalam segala perkara dan cara sebagaimana yang dilakukan sebelumnya oleh ayahnya.

2 RAJA-RAJA

Elia memberitahukan kematian Raja Ahazia

1 ¹ Setelah kematian Ahab, orang Moab memberontak terhadap orang Israel.

² Pada suatu ketika, Ahazia terjatuh menerusi kisi-kisi bilik di tingkat atas istananya di Samaria sehingga dia terluka. Dikirimnya beberapa orang utusan dengan pesanan, “Pergilah, carilah petunjuk daripada Baal-Zebub, tuhan di Ekron, sama ada aku akan sembuh daripada penyakit ini.” ³ Tetapi sementara itu malaikat Tuhan bersabda kepada Elia, orang Tisbe itu, “Pergilah segera, temui para utusan raja Samaria dan katakan kepada mereka, ‘Tidak adakah Allah di Israel sehingga kamu pergi mencari petunjuk Baal-Zebub, tuhan Ekron?’ ⁴ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, ‘Engkau tidak akan turun lagi dari ranjang tempat engkau berbaring itu. Engkau pasti mati.’ ”

Lalu Elia beredar dari situ. ⁵ Sekembalinya para utusan itu kepada raja, bertanyalah raja kepada mereka, “Mengapakah kamu kembali?”

⁶ Jawab mereka kepadanya, “Seorang datang menemui kami dan berkata kepada kami,

‘Pulanglah kembali kepada raja yang mengutus kamu, dan katakanlah kepadanya: Beginilah firman Tuhan, “Tidak adakah Allah di Israel sehingga engkau menyuruh orang mencari daripada petunjuk Baal-Zebub, tuhan Ekron? Oleh sebab itu engkau tidak akan turun lagi dari ranjang tempat engkau berbaring itu. Engkau pasti mati.” ’ ’ ”

⁷ Tanya raja kepada mereka, “Bagaimanakah rupanya orang yang datang menemui kamu dan yang mengatakan hal-hal itu kepadamu?”

⁸ Jawab mereka kepadanya, “Orang itu mengenakan pakaian bulu dan pada pinggangnya diikat sabuk kulit.”

Kata raja, “Itu Elia, orang Tisbe.”

⁹ Kemudian raja mengutus pemimpin pasukan lima puluh dengan kesemua lima puluh orang anak buahnya untuk menemui Elia. Ketika pemimpin itu naik menemui Elia, tampak dia sedang duduk di atas puncak gunung. Kata pemimpin itu kepadanya, “Wahai hamba Allah, raja bertitah, ‘Turunlah!’ ”

¹⁰ Jawab Elia kepada pemimpin pasukan lima puluh itu, “Kalau aku memang hamba Allah, biarlah api turun dari langit melahap engkau dengan kesemua lima puluh orang anak

buahmu.” Maka turunlah api dari langit melahap dia dengan kesemua lima puluh orang anak buahnya.

¹¹ Sekali lagi raja mengutus kepadanya pemimpin pasukan lima puluh yang lain dengan kesemua lima puluh orang anak buahnya. Pemimpin itu berkata kepadanya, “Wahai hamba Allah, beginilah titah raja, ‘Turunlah segera!’ ”

¹² Jawab Elia kepada mereka, “Kalau aku memang hamba Allah, biarlah api turun dari langit melahap engkau dengan kesemua lima puluh orang anak buahmu.” Maka turunlah api Allah dari langit melahap dia bersama-sama lima puluh orang anak buahnya.

¹³ Sekali lagi raja mengutus pemimpin pasukan lima puluh yang ketiga dengan kesemua lima puluh orang anak buahnya. Pemimpin pasukan lima puluh yang ketiga itu naik lalu datang bertelut di hadapan Elia dan memohon belas kasihan daripadanya. Katanya kepada Elia, “Ya hamba Allah, biarlah kiranya nyawa hamba dan nyawa kesemua lima puluh orang hambamu ini berharga di mata tuan. ¹⁴ Memang api telah turun dari langit melahap kedua-dua pemimpin pasukan lima puluh yang terdahulu dengan kesemua lima puluh anak buah mereka. Tetapi sekarang, biarlah nyawa hamba berharga di mata tuan.”

¹⁵ Bersabdalah malaikat Tuhan kepada Elia, “Turunlah bersama-samanya. Jangan takut kepadanya.” Elia pun segera turun bersama-samanya menghadap raja. ¹⁶ Kata Elia kepada raja, “Beginilah firman Tuhan, ‘Tidak adakah Allah di Israel yang boleh dicari petunjuk firman-Nya sehingga engkau mengirim beberapa orang utusan untuk mencari petunjuk Baal-Zebub, tuhan Ekron? Oleh sebab hal itu, maka engkau tidak akan turun lagi dari ranjang tempat engkau berbaring itu. Engkau pasti mati.’ ”

¹⁷ Lalu matilah raja selaras dengan firman Tuhan yang disampaikan Elia. Maka Yoram menaiki takhta menggantikannya pada tahun kedua zaman pemerintahan Yoram anak Yosafat, raja Yehuda, kerana Ahazia tidak mempunyai anak lelaki.

¹⁸ Riwayat Ahazia yang selebihnya, apa yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel?

Elia diangkat ke syurga

2 ¹ Maka apabila Tuhan hendak mengangkat Elia ke syurga dalam angin puting beliung, Elia dan Elisa sedang dalam perjalanan dari Gilgal. ² Kata Elia kepada Elisa, “Tinggal sajalah di sini, kerana Tuhan menyuruh aku ke Betel.”

Jawab Elisa, “Demi Tuhan yang hidup, dan demi hidup tuan sendiri, hamba tidak akan meninggalkan tuan.” Lalu pergilah mereka ke Betel.

³ Lantas keluarlah rombongan nabi di Betel untuk menemui Elisa lalu bertanya kepadanya, “Tahukah engkau bahawa hari ini Tuhan akan mengambil tuanmu daripadamu?”

Jawabnya, “Aku tahu. Diamlah!”

⁴ Kata Elia kepadanya, “Elisa, tinggal sajalah di sini, kerana Tuhan menyuruh aku ke Yerikho.”

Jawabnya, “Demi Tuhan yang hidup, dan demi hidup tuan sendiri, hamba tidak akan meninggalkan tuan.” Lalu sampailah mereka di Yerikho.

⁵ Rombongan nabi di Yerikho pun mendekati Elisa dan bertanya kepadanya, “Tahukah engkau bahawa hari ini Tuhan akan mengambil tuanmu daripadamu?”

Jawabnya, “Aku tahu. Diamlah!”

⁶ Kata Elia kepadanya, “Tinggal sajalah di sini, kerana Tuhan menyuruh aku ke Sungai Yordan.”

Jawabnya, “Demi Tuhan yang hidup, dan demi hidup tuan sendiri, hamba tidak akan meninggalkan tuan.” Lalu berjalanlah kedua-dua orang itu. ⁷ Lima puluh orang daripada rombongan nabi juga ikut berjalan, tetapi mereka berdiri jauh-jauh di seberang sementara

Elia dan Elisa berdiri di tepi Sungai Yordan.

⁸ Elia mengambil jubahnya, menggulungnya, dan memukulkannya ke air sungai itu. Maka air itu pun terbelah ke sebelah kiri dan kanan, lalu kedua-dua orang itu menyeberang di tengah-tengah iaitu di atas tanah kering.

⁹ Setelah mereka sampai di seberang, Elia berkata kepada Elisa, “Mintalah apa yang patut kulakukan kepadamu sebelum aku diambil daripadamu.”

Jawab Elisa, “Wariskanlah hamba dua bahagian daripada roh tuan.”

¹⁰ Kata Elia, “Yang kauminta itu sukar. Akan tetapi, jika engkau dapat melihat aku ketika aku diambil daripadamu, maka hal itu akan berlaku ke atasmu. Jika tidak, maka hal itu tidak akan berlaku.”

¹¹ Sementara mereka berjalan terus dan berbicara, tiba-tiba muncullah sebuah rata berapi dengan kuda berapi memisahkan kedua-duanya. Elia pun naik ke syurga dalam puting beliung. ¹² Melihat hal itu, berserulah Elisa, “Bapaku, bapaku! Rata Israel dengan pasukan berkudanya!” Setelah itu, dia tidak melihatnya lagi.

Direnggutnya pakaiannya dan dikoyakkannya menjadi dua. ¹³ Lalu dipungutnya jubah Elia yang terjatuh, dan kembali berdiri di tepi Sungai Yordan. ¹⁴ Setelah dia mengambil jubah Elia yang terjatuh itu, dipukulkannya jubah itu ke air dan berkata, “Di manakah Tuhan, Allah Elia?” Apabila air itu dipalu, terbelahlah air itu ke sebelah kiri dan kanan, lalu Elisa pun menyeberang. ¹⁵ Ketika rombongan nabi dari Yerikho melihat dia dari seberang, berkatalah mereka, “Roh Elia tinggal pada Elisa.” Mereka pun datang menemui dia dan sujud memberi hormat kepadanya. ¹⁶ Kata mereka kepada Elisa, “Lihat, ada lima puluh orang lelaki yang kuat dalam kalangan hambamu ini. Suruhlah mereka pergi mencari tuanmu, jangan-jangan Roh Tuhan mengangkat dia lalu mencampakkannya ke sesuatu gunung atau lembah.”

Kata Elisa, “Jangan suruh mereka pergi.”

¹⁷ Akan tetapi, mereka mendesak dia sampai dia berasa malu untuk menolaknya. Lalu katanya, “Suruhlah mereka pergi!” Maka mereka mengutus lima puluh orang untuk mencari Elia. Namun demikian, setelah tiga hari lamanya mereka mencari, mereka tidak juga menemukannya. ¹⁸ Sekembalinya mereka kepada Elisa yang masih tinggal di Yerikho, berkatalah

dia kepada mereka, “Bukankah sudah kukatakan kepadamu, ‘Jangan pergi?’”

Elisa menyihatkan air di Yerikho

¹⁹ Tidak lama kemudian penduduk Kota Yerikho berkata kepada Elisa, “Lihat! Letaknya kota ini baik, seperti yang tuanku lihat. Namun demikian, airnya tidak baik dan tanahnya pun tidak subur.”

²⁰ Kata Elisa, “Ambilkan aku sebuah mangkuk baru dan bubuhlah garam ke dalamnya.” Lalu mereka membawa mangkuk itu kepadanya.

²¹ Elisa pun pergi ke sebuah mata air lalu melemparkan garam itu ke situ sambil berkata, “Beginilah firman Tuhan, ‘Air ini sudah Kusihatkan, sehingga tidak lagi menyebabkan kematian atau ketidaksuburan’ ” ²² Maka air itu pun menjadi sihat sampai hari ini, selaras dengan kata-kata yang diucapkan Elisa.

Kanak-kanak Betel mengolok-olokkan Elisa

²³ Dari sana Elisa pergi ke Betel. Sewaktu dia mendaki jalan, sekelompok kanak-kanak keluar dari dalam kota dan mengolok-olokkan dia dengan berkata, “Naiklah, wahai gondol! Naiklah, wahai gondol!”

²⁴ Dia pun berpaling ke belakang. Dipandanginya mereka lalu dikutuknya mereka dengan nama Tuhan. Maka keluarlah dua ekor beruang betina

dari dalam hutan dan mencabik-cabik empat puluh dua orang kanak-kanak daripada antara mereka.

²⁵ Kemudian Elisa meneruskan perjalanan ke Gunung Karmel, dan dari situ dia kembali ke Samaria.

Raja Yoram berperang melawan Moab

3 ¹ Yoram anak Ahab menaiki takhta atas Israel di Samaria pada tahun kelapan belas zaman pemerintahan Yosafat, raja Yehuda. Dia bertakhta selama dua belas tahun. ² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, tetapi tidak seperti ayah dan ibunya. Dia menyingkirkan tiang berhala Baal yang dibuat oleh ayahnya. ³ Namun begitu, dia berpaut pada dosa-dosa Yerobeam anak Nebat yang menyebabkan orang Israel turut berdosa; dia tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa itu.

⁴ Mesa, raja Moab, seorang penternak domba. Dia biasa membayar ufti berupa seratus ribu ekor anak domba dan bulu daripada seratus ribu ekor domba jantan kepada raja Israel. ⁵ Tetapi sesudah Ahab mati, raja Moab memberontak menentang raja Israel. ⁶ Maka pada waktu itu Raja Yoram keluar dari Samaria dan mengerahkan semua orang Israel. ⁷ Dikirimnya pula utusan menemui Yosafat, raja Yehuda, dengan pesan, “Raja Moab

memberontak menentang aku. Mahukah tuan pergi menyertai aku untuk berperang melawan Moab?”

Jawabnya, “Aku akan pergi. Aku ini sehati denganmu, rakyatku dengan rakyatmu, dan kuda-kudaku dengan kuda-kudamu.”

⁸ Lalu dia bertanya, “Kita akan pergi melalui jalan mana?” Jawabnya, “Melalui Gurun Edom.”

⁹ Maka pergilah raja Israel bersama dengan raja Yehuda dan raja Edom. Akan tetapi, setelah berkeliling selama tujuh hari perjalanan, tidak ada lagi air untuk pasukan serta binatang-binatang yang mengikuti mereka. ¹⁰ Kata raja Israel, “Aduh! Tuhan telah mengumpulkan kita, tiga orang raja, untuk diserahkan ke dalam tangan orang Moab!”

¹¹ Tetapi Yosafat bertanya, “Tidak adakah di sini seorang nabi Tuhan, supaya kita dapat mencari petunjuk daripada Tuhan dengan perantaraannya?” Seorang pegawai raja Israel menjawab, “Di sini ada Elisa anak Safat, yang dahulu berkhidmat kepada Elia.”

¹² Kata Yosafat, “Firman Tuhan ada padanya.” Kemudian pergilah raja Israel bersama Yosafat dan raja Edom mendapatkan Elisa.

¹³ Kata Elisa kepada raja Israel, “Apakah urusanku denganmu? Pergilah kepada para nabi ayahmu dan ibumu.”

Tetapi kata raja Israel kepadanya, “Jangan begitu. Tuhan telah mengumpulkan kami, tiga orang raja ini, untuk diserahkan ke dalam tangan orang Moab.”

¹⁴ Kata Elisa, “Demi Tuhan alam semesta, yang hidup dan yang kepada-Nya aku mengabdikan diri, jika aku tidak menghormati Yosafat, raja Yehuda, maka aku tidak sudi memandang atau melihat engkau. ¹⁵ Sekarang, jemputlah seorang pendendang bagiku.”

Pada waktu pendendang itu bermain kecapi, turunlah kuasa Tuhan ke atas Elisa, ¹⁶ lalu berkatalah dia, “Beginilah firman Tuhan, ‘Penuhihkan lembah ini dengan parit,’

¹⁷ kerana beginilah firman Tuhan, ‘Kamu tidak akan melihat angin ataupun hujan, tetapi lembah ini akan dipenuhi air sehingga kamu, ternakanmu, dan binatangmu dapat minum.’

¹⁸ Itu hanyalah perkara ringan di mata Tuhan. Dia juga akan menyerahkan orang Moab ke dalam tanganmu. ¹⁹ Kamu akan mengalahkan semua kota berkubu, juga semua kota pilihan. Kamu akan menumbangkan semua pokok yang baik, menutup semua mata air, dan merosakkan semua ladang yang baik dengan batu.”

²⁰ Pada pagi esok, kira-kira pada waktu orang mempersembahkan persembahan bahan

makanan, tiba-tiba datanglah air dari arah Edom sehingga negeri itu dipenuhi air.

²¹ Semua orang Moab sudah mendengar bahawa ketiga-tiga raja itu datang untuk memerangi mereka. Maka dikerahkanlah semua orang yang dapat menggunakan senjata, baik tua ataupun muda, lalu ditempatkanlah mereka di perbatasan. ²² Ketika orang Moab itu bangun pagi-pagi lagi, permukaan air di hadapan mereka yang terkena sinar matahari kelihatan seolah-olah merah seperti darah. ²³ Lalu kata mereka, "Itu darah! Pasti raja-raja itu saling membunuh, yang satu menghentam yang lain. Sekarang, ayuh kita menjarah, wahai orang Moab!"

²⁴ Akan tetapi, ketika mereka sampai di perkhemahan orang Israel, mereka langsung diserang oleh orang Israel sehingga mereka lari dari hadapan orang Israel itu. Kemudian orang Israel menerobos masuk ke negeri Moab serta membantai orang Moab. ²⁵ Mereka meruntuhkan kota-kota yang ada, dan setiap orang melempar batu atas kesemua ladang yang baik sehingga ladang-ladang itu tertutup. Mereka menutup semua mata air dan menubangkan semua pokok yang baik, sampai hanya Kir-Hareset sahaja yang tertinggal dengan tembok batunya.

Namun demikian, akhirnya kota ini pun dikepung dan diserang oleh para pengendali alat tarbil.

²⁶ Ketika raja Moab melihat bahawa peperangan itu terlalu berat baginya, dia mengambil tujuh ratus orang penyandang pedang untuk menerobos ke arah raja Edom, tetapi tidak berhasil. ²⁷ Lalu raja Moab mengambil anak sulungnya, yang akan menaiki takhta menggantikannya, dan mempersembahkannya di atas pagar tembok sebagai korban bakaran. Maka kemarahan yang sebegitu besar melanda orang Israel, sehingga mereka mundur meninggalkan dia dan pulang ke negeri mereka.

Minyak milik seorang balu

4 ¹ Lalu salah seorang isteri daripada rombongan nabi mengadu kepada Elisa demikian, “Hambamu, iaitu suamiku, sudah meninggal. Tuan tahu betapa dahulunya memang hambamu itu seorang yang takut kepada Tuhan. Tetapi sekarang si pemiutang datang untuk mengambil kedua-dua orang anakku untuk dijadikan abadinya.”

² Kata Elisa kepadanya, “Apakah yang dapat kulakukan untukmu? Beritahu aku apa yang kaumiliki di rumah.”

Jawabnya, “Hambamu ini tidak memiliki apa-apa di rumah, kecuali sebuah kendi berisi minyak.”

³ Kata Elisa, “Pergilah, mintalah bejana-bejana kosong daripada semua tetanggamu. Mintalah sebanyak yang mungkin, jangan sedikit. ⁴ Setelah itu, masuklah, tutuplah pintu sesudah engkau dan anak-anakmu masuk, lalu tuangkanlah minyak itu ke dalam semua bejana itu. Ketepikan mana-mana yang penuh.”

⁵ Maka pergilah wanita itu meninggalkan dia, kemudian menutup pintu sesudah dia dan anak-anaknya masuk. Anak-anaknya mendekatkan bejana-bejana itu kepadanya, sementara dia terus menuang. ⁶ Ketika bejana-bejana itu telah penuh, berkatalah dia kepada anaknya, “Bawa bejana yang lain.” Tetapi anaknya menjawab, “Tidak ada bejana lagi.” Lalu minyak itu pun berhenti mengalir. ⁷ Maka wanita itu pun pergi memberitahukan hal itu kepada hamba Allah. Kata Elisa, “Pergilah, juallah minyak itu, dan lunaskanlah hutangmu. Engkau dan anak-anakmu dapat hidup dengan bakinya.”

Perempuan Sunem dengan anaknya

⁸ Pada suatu hari Elisa pergi ke Sunem. Di sana ada seorang perempuan kaya yang mendesak dia agar singgah untuk makan. Jadi, setiap

kali Elisa pergi, dia singgah di sana untuk makan.⁹ Kemudian kata perempuan itu kepada suaminya, “Dengarlah, aku tahu bahawa orang yang selalu singgah di tempat kita itu seorang hamba Allah yang kudus.¹⁰ Sebaiknya kita buat sebuah bilik atas yang kecil dan berdinding, lalu kita letak di dalamnya tempat tidur, meja, kerusi, serta kandil. Jadi, bila-bila pun dia singgah di tempat kita, dia dapat tinggal di situ.”

¹¹ Pada suatu hari Elisa datang ke sana. Dia masuk ke bilik atas itu dan berbaring di situ.

¹² Lalu katanya kepada Gehazi, pembantunya, “Panggillah perempuan Sunem itu.” Gehazi pun memanggilnya, lalu perempuan itu berdiri di hadapannya.¹³ Kata Elisa kepada Gehazi, “Katakanlah kepadanya, ‘Engkau sudah bersusah-susah untuk kami dengan semua hal ini. Apakah yang dapat kulakukan untukmu? Adakah yang dapat kusampaikan tentang engkau kepada raja atau kepada panglima tentera?’”

Jawab perempuan itu, “Aku ini tinggal di tengah-tengah kaumku sendiri.”

¹⁴ Setelah itu, Elisa bertanya, “Apakah yang dapat kulakukan untuknya?”

Jawab Gehazi, “Sesungguhnya, dia tidak mempunyai anak, manakala suaminya sudah tua.”

¹⁵ Kata Elisa, “Panggillah dia.” Gehazi memanggilnya, lalu perempuan itu berdiri di pintu. ¹⁶ Kata Elisa, “Tahun depan, pada waktu seperti ini juga, engkau akan menggendong seorang anak lelaki.”

Jawab perempuan itu, “Ya tuanku hamba Allah, janganlah tuan berdusta kepada hambamu ini.”

¹⁷ Tetapi kemudian perempuan itu mengandung lalu melahirkan seorang anak lelaki pada waktu yang sama pada tahun berikutnya, seperti yang dikatakan Elisa kepadanya.

¹⁸ Anak itu pun menjadi besar. Pada suatu hari, dia keluar mendapatkan ayahnya yang berada dalam kalangan yang sedang menuai. ¹⁹ Tiba-tiba dia berkata kepada ayahnya, “Aduh kepalaku, kepalaku!”

Kata ayahnya kepada seorang pembantunya, “Angkatlah dia kepada ibunya.” ²⁰ Lalu dia mengangkatnya dan membawanya kepada ibunya. Anak itu duduk di pangkuan ibunya sampai tengah hari, lalu mati. ²¹ Maka naiklah perempuan itu ke atas. Dibaringkannya anaknya di tempat tidur hamba Allah itu, lalu sesudah itu ditutupnya pintu dan pergi ke luar. ²² Dia memanggil suaminya dan berkata, “Suruhlah salah seorang suruhan datang kepadaku dengan

seekor keldai. Aku mahu bergegas pergi menemui hamba Allah itu, lalu pulang kembali.”

²³ Kata suaminya, “Mengapakah engkau hendak pergi menemuinya hari ini? Sekarang bukan bulan baru dan bukan hari Sabat.”

Jawabnya, “Usah kkuatir, semuanya baik-baik sahaja.” ²⁴ Kemudian dia memasang pelana di atas keldai itu dan berkata kepada pembantunya, “Tuntunlah dan majulah. Jangan perlambatkan perjalananku, kecuali jika aku memintanya.”

²⁵ Demikianlah perempuan itu pergi menuju tempat hamba Allah di Gunung Karmel.

Ketika hamba Allah itu melihat dia dari jauh, berkatalah dia kepada Gehazi, pembantunya, “Lihat, perempuan Sunem itu datang. ²⁶ Cepatlah lari, temui dia dan tanyakan kepadanya, ‘Selamatkah kamu, selamatkah suamimu, selamatkah anakmu?’”

Jawab perempuan itu, “Selamat!”

²⁷ Sesampainya dia di hadapan hamba Allah itu di gunung, perempuan itu pun memeluk kakinya. Gehazi mendekat untuk mendorong dia, tetapi hamba Allah itu berkata, “Biarkanlah dia, hatinya getir! Tuhan menyembunyikan hal ini daripadaku dan tidak memberitahukannya kepadaku.”

²⁸ Kata perempuan itu, “Adakah hamba meminta anak daripada tuan? Bukankah telah hamba katakan, ‘Jangan tuan menipu hamba’?”

²⁹ Kata Elisa kepada Gehazi, “Ikatlah pinggangmu, bawalah tongkatku, lalu pergilah. Jika engkau bertemu dengan seseorang, jangan ucapkan salam kepadanya, dan jika seseorang mengucapkan salam kepadamu, jangan kaubalas. Letakkanlah tongkatku ini di atas muka anak itu.”

³⁰ Tetapi ibu anak itu berkata, “Demi Tuhan yang hidup, dan demi hidup tuan sendiri, hamba tidak mahu meninggalkan tuan.” Lalu Elisa pun segera berjalan mengikuti dia. ³¹ Rupanya Gehazi telah pergi mendahului mereka. Diletakkannya tongkat itu di atas muka anak itu, tetapi tidak ada suara dan tidak ada tanda hidup. Dia pun kembali menemui Elisa dan memberitahunya, “Anak itu tidak bangun.”

³² Sesampainya Elisa di rumah itu, tampak anak itu terbaring mati di tempat tidurnya.

³³ Lalu dia memasuki bilik itu dan menutup pintunya sehingga mereka hanya berdua sahaja, lalu berdoalah dia kepada Tuhan. ³⁴ Setelah itu, dia naik dan membaringkan diri di atas anak itu. Dirapatkannya mulutnya di atas mulut anak itu, matanya di atas mata anak itu, dan

telapak tangannya di atas telapak tangan anak itu. Dia meniarap di atas anak itu, sehingga tubuh anak itu menghangat. ³⁵ Setelah itu, Elisa berdiri lagi lalu berjalan mundur-mandir di dalam rumah itu. Kemudian dia naik lagi dan meniarap di atas anak itu. Tiba-tiba anak itu bersin tujuh kali, lalu membuka matanya. ³⁶ Elisa memanggil Gehazi dan berkata, “Panggillah perempuan Sunem itu.” Gehazi memanggilnya, dan setelah perempuan itu datang, berkatalah Elisa, “Angkatlah anakmu.” ³⁷ Perempuan itu pun masuk. Maka tersungkurlah dia di kaki Elisa dan sujud memberi hormat. Kemudian diangkatnyalah anaknya, lalu keluar.

Maut di dalam kualii

³⁸ Ketika Elisa kembali ke Gilgal, ada bencana kebuluran di negeri itu. Suatu ketika, sementara rombongan nabi duduk di hadapannya, dia berkata kepada pembantunya, “Jerangkanlah kualii besar dan olahlah suatu masakan untuk rombongan nabi ini.” ³⁹ Kemudian seorang daripada mereka keluar ke ladang untuk memetik sayur-sayuran. Dia menemukan sulur-suluran liar, lalu dipetiknyanya daripada tanaman itu labu liar, serangkul penuh di dalam pakaiannya. Setelah pulang, dia menghiris-hiris tanaman itu dan memasukkannya ke dalam kualii tadi, tanpa

mengetahui sayur apa itu. ⁴⁰ Kemudian masakan tadi dicedoknya untuk dimakan oleh rombongan nabi itu. Tetapi pada waktu mereka memakan masakan itu, berteriaklah mereka dan berkata, “Ada maut di dalam kualinya ini, ya hamba Allah!” Mereka tidak dapat memakannya. ⁴¹ Kata Elisa, “Ambillah tepung!” Dilemparkannya tepung itu ke dalam kualinya lalu berkata, “Hidangkan kepada mereka untuk dimakan.” Maka tidak ada lagi sesuatu yang berbahaya di dalam kualinya itu.

Seratus orang diberi makan

⁴² Seorang lelaki datang dari Baal-Salisa dengan membawa bagi hamba Allah dua puluh buku roti daripada hasil barli pertama, serta gandum baru di dalam karungnya.

Kata Elisa, “Berikanlah kepada orang itu untuk mereka makan.” ⁴³ Tetapi pembantunya berkata, “Bagaimanakah mungkin ini disajikan untuk seratus orang?” Kata Elisa, “Berikanlah kepada orang itu untuk mereka makan, kerana beginilah firman Tuhan, ‘Makanan itu akan cukup bagi mereka bahkan akan ada sisanya.’ ” ⁴⁴ Kemudian disajikannya makanan itu di depan mereka. Mereka pun makan, dan ada sisanya, selaras dengan firman Tuhan.

Panglima Naaman disembuhkan

5¹ Naaman, panglima tentera raja Aram, seorang yang terhormat dan dipandang tinggi oleh tuannya kerana melalui dia Tuhan telah mengurniakan kemenangan kepada orang Aram. Dia seorang kesateria yang gagah perkasa. Akan tetapi, dia menghidap penyakit kusta.² Suatu waktu, orang Aram keluar dalam serangan mereka dan menawan seorang gadis kecil dari negeri Israel. Gadis itu kemudian berkhidmat bagi isteri Naaman.³ Kata gadis itu kepada cik puannya, “Sekiranya tuanku menghadap nabi yang di Samaria itu, maka pasti nabi itu menyembuhkan dia daripada penyakit kustanya.”⁴ Maka pergilah Naaman memberitahu tuannya demikian, “Begini-beginilah dikatakan gadis dari negeri Israel itu.”⁵ Kata raja Aram, “Baik, pergilah. Aku akan mengirim sepucuk surat kepada raja Israel.”

Kemudian pergilah Naaman dengan membawa sepuluh talenta perak, enam ribu syikal emas, dan sepuluh helai persalinan.⁶ Dia pun menyampaikan surat itu kepada raja Israel, yang bunyinya, “Sesampainya surat ini dalam tangan tuan, harap maklum bahawa aku telah menyuruh

Naaman, pegawaku, menemui tuan, supaya tuan menyembuhkan dia daripada penyakit kustanya.”

⁷ Setelah raja Israel membaca surat itu, dikoyakkannya pakaiannya dan berkata, “Apakah aku ini Allah, yang dapat mematikan atau menghidupkan orang, sehingga orang ini menyuruh pegawainya menemui aku supaya aku menyembuhkannya daripada penyakit kustanya? Lihatlah dan perhatikanlah, bagaimana dia mencari fasal dengan aku.”

⁸ Elisa, hamba Allah itu, mendengar bahawa raja Israel mengoyakkan pakaiannya. Lalu disuruhnya orang menemui raja dengan pesan, “Mengapakah engkau mengoyakkan pakaianmu? Suruhlah orang itu datang kepadaku, supaya dia tahu bahawa ada seorang nabi di Israel.”

⁹ Maka datanglah Naaman dengan kudanya dan ratanya, lalu berhenti di depan pintu rumah Elisa.

¹⁰ Elisa mengutus seorang pesuruh menemuinya dengan pesan, “Pergilah, mandilah di Sungai Yordan tujuh kali, maka tubuhmu akan pulih dan engkau akan menjadi suci.” ¹¹ Tetapi Naaman menjadi marah, lalu pergi sambil berkata, “Ah, sangkaku dia akan keluar menemui aku lalu berdiri menyeru nama Tuhan, Allahnya, kemudian menggerak-gerakkan tangannya di bahagian tubuhku yang sakit dan menyembuhkan penghidap kusta ini! ¹² Bukankah Abana dan

Parpar, sungai-sungai di Damsyik, lebih baik daripada semua sungai Israel? Tidak bolehkah aku mandi di sana dan menjadi suci?” Maka berpalinglah dia lalu berjalan dengan gusarnya.

¹³ Akan tetapi, para pegawainya mendekatinya serta berkata kepadanya, “Bapa, sekiranya nabi itu menyuruh Bapa melakukan hal yang sukar, bukankah Bapa akan melakukannya? Apa lagi sekarang, dia hanya berkata kepadamu, ‘Mandilah, dan engkau akan menjadi suci.’ ”

¹⁴ Maka turunlah Naaman membenamkan diri tujuh kali di Sungai Yordan, menurut apa yang dikatakan oleh hamba Allah itu. Lalu pulihlah tubuhnya seperti tubuh anak kecil dan dia menjadi suci. ¹⁵ Kemudian Naaman dan seluruh pasukannya kembali kepada hamba Allah itu. Setelah sampai, berdirilah dia di hadapan Elisa dan berkata, “Sesungguhnya, aku tahu sekarang bahawa tidak ada Allah di seluruh bumi ini kecuali di Israel. Maka hamba mohon, terimalah pemberian daripada hambamu ini.”

¹⁶ Tetapi Elisa berkata, “Demi Tuhan yang hidup, yang kepada-Nya aku mengabdikan diri, sesungguhnya aku tidak mahu menerima apa-apa.”

Meskipun Naaman mendesak Elisa untuk menerima pemberiannya, dia tetap menolak.

¹⁷ Kemudian Naaman berkata, “Jika demikian,

mohon berilah hambamu ini tanah sebanyak muatan dua ekor baghal, kerana hambamu ini tidak lagi akan mempersembahkan korban bakaran atau korban sembelihan kepada tuhan-tuhan lain kecuali kepada Tuhan. ¹⁸ Hanya, Tuhan kiranya mengampuni hambamu ini dalam hal yang berikut: apabila tuanku masuk ke kuil Dewa Rimon untuk sujud menyembah di sana, dan hamba menjadi pengapitnya, maka hamba harus ikut menundukkan diri di kuil Dewa Rimon itu. Semoga Tuhan mengampuni hambamu ini dalam hal itu, iaitu ketika hamba tunduk di kuil Dewa Rimon itu.”

¹⁹ Kata Elisa kepadanya, “Pergilah dengan selamat.”

Setelah Naaman pergi tidak beberapa jauh daripada Elisa, ²⁰ berfikirilah Gehazi, pembantu Elisa, hamba Allah itu, “Sesungguhnya, tuanku terlalu segan terhadap Naaman, orang Aram itu, sehingga dia tidak mahu menerima barang yang dibawanya. Demi Tuhan yang hidup, sesungguhnya aku akan berlari menyusul dia lalu menerima sesuatu daripadanya.” ²¹ Lalu Gehazi pun menyusul Naaman. Ketika Naaman melihat ada orang berlari-lari menyusulnya, turunlah dia dari ratanya untuk menyongsong orang itu. Dia bertanya, “Semuanya baik-baik sahaja?”

²² Jawabnya, “Baik-baik sahaja! Tuanku menyuruh aku mengatakan, ‘Baru sahaja dua orang muda daripada rombongan nabi datang kepadaku dari Pergunungan Efraim. Tolong beri mereka satu talenta perak dan dua helai persalinan.’ ”

²³ Kata Naaman, “Silakan, ambillah dua talenta.” Naaman mendesak Gehazi, lalu membungkus dua talenta perak di dalam dua buah pundi-pundi serta dua helai persalinan. Diserahkannya semua itu kepada dua orang pembantunya, lalu mereka mengangkutnya di depan Gehazi. ²⁴ Setelah sampai di bukit, Gehazi mengambil semua itu daripada tangan mereka lalu disimpannya di rumah. Kemudian dia melepaskan kedua-dua orang itu pergi, dan mereka pun pergi. ²⁵ Setelah itu, Gehazi masuk dan berdiri di hadapan tuannya. Tanya Elisa kepadanya, “Dari mana, Gehazi?”

Jawabnya, “Hambamu tidak pergi ke mana-mana.”

²⁶ Kata Elisa kepadanya, “Bukankah hatiku ada bersama-samamu ketika orang itu berpaling dari atas ratanya untuk menyambut engkau? Inilah waktunya untuk menerima wang atau menerima pakaian, kebun zaitun, kebun anggur, kawan domba, kawan lembu, pembantu lelaki, dan pembantu perempuan? ²⁷ Oleh sebab

itu penyakit kusta Naaman akan melekat padamu dan pada keturunanmu untuk selama-lamanya.”

Maka keluarlah Gehazi dari hadapannya dengan berkusta, putih seperti salji.

Mata kapak diapungkan

6¹ Pada suatu waktu rombongan nabi berkata kepada Elisa, “Lihatlah, tempat kami tinggal dengan tuan ini terlalu sempit bagi kami.”² Izinkan kami pergi ke Sungai Yordan lalu masing-masing mengambil sebatang kayu dari sana. Kami akan membuat tempat tinggal bagi kami di sana.”

Jawabnya, “Pergilah!”

³ Kata seorang daripada mereka, “Sudilah sekiranya tuan pergi menyertai hamba-hambamu ini.” Jawabnya, “Baiklah, aku akan pergi.”⁴ Maka pergilah dia menyertai mereka. Setelah sampai di Sungai Yordan, mereka pun menebang pokok.

⁵ Akan tetapi, pada waktu seseorang sedang menumbangkan sebuah gelegar, jatuhlah mata kapaknya ke dalam air. Dia pun berteriak, “Aduh, tuanku! Itu barang pinjaman!”

⁶ Tanya hamba Allah, “Di manakah jatuhnya?”

Orang itu menunjukkan tempatnya. Lalu Elisa mengerat sepotong kayu dan mencampakkannya ke sana. Maka terapunglah mata kapak itu.⁷ Katanya, “Angkatlah!” Orang itu pun menghulurkan tangannya dan mengambilnya.

Tindakan Elisa dalam peperangan melawan Aram

⁸ Raja Aram sedang berperang melawan orang Israel. Dia berunding dengan para pegawainya, katanya, “Di tempat sini dan situ aku akan mendirikan perkhemahanku.” ⁹ Akan tetapi, hamba Allah menyuruh orang menemui raja Israel dengan pesan, “Hati-hati, jangan lalui tempat itu, kerana orang Aram sedang turun ke sana untuk mengadakan.” ¹⁰ Oleh sebab itu raja Israel menyuruh orang untuk memeriksa tempat yang disebutkan hamba Allah itu kepadanya. Lebih dari satu dua kali Elisa mengingatkan dia, sehingga hal itu memungkinan dia untuk berjaga-jaga di sana.

¹¹ Maka gusarlah hati raja Aram kerana hal itu. Dipanggilnya para pegawainya lalu dia bertanya mereka, “Tidakkah kamu mahu memberitahukan kepadaku, Siapakah dari antara kita yang memihak kepada raja Israel?”

¹² Salah seorang pegawainya berkata, “Tidak ada, ya Tuanku Raja, tetapi Elisa, nabi yang di Israel itu, dialah yang menyampaikan kepada raja Israel apa yang tuanku titahkan di dalam bilik tidur tuanku.”

¹³ Kata raja, “Pergilah, selidiki di mana dia berada supaya aku dapat menyuruh orang untuk menangkapnya.”

Lalu kepadanya dikhabarkan, “Ketahuilah, dia ada di Dotan.” ¹⁴ Maka dikirimnya ke sana kuda, rata, dan pasukan yang besar. Mereka sampai pada malam hari lalu mengepung kota itu. ¹⁵ Ketika pembantu hamba Allah bangun pagi-pagi dan pergi ke luar, dilihatnya suatu pasukan dengan kuda dan rata mengepung kota itu. Maka kata pembantu itu kepada tuannya, “Aduh, tuanku! Apakah yang harus kita lakukan?”

¹⁶ Jawabnya, “Jangan takut, kerana yang menyertai kita lebih ramai daripada yang menyertai mereka.” ¹⁷ Lalu Elisa berdoa, katanya, “Ya Tuhan, bukalah kiranya matanya supaya dia dapat melihat.” Maka Tuhan membuka mata pembantu itu sehingga dia dapat melihat bahawa sesungguhnya gunung itu penuh dengan kuda dan rata berapi mengelilingi Elisa.

¹⁸ Ketika orang Aram itu turun ke arah Elisa, berdoalah Elisa kepada Tuhan, katanya, “Azablah kiranya bangsa itu dengan kebutaan.” Maka Allah mengazab mereka dengan kebutaan, selaras dengan permintaan Elisa. ¹⁹ Sesudah itu Elisa berkata kepada mereka, “Bukan ini jalannya dan bukan ini kotanya. Ikuti aku, akan kuhantar

kamu ke tempat orang yang kamu cari.” Lalu dia menghantar mereka ke Samaria.

²⁰ Sesampainya mereka di Samaria, berkatalah Elisa, “Ya Tuhan, bukalah mata orang ini supaya mereka dapat melihat.” Maka Tuhan membuka mata mereka sehingga mereka melihat. Ternyata mereka ada di tengah-tengah Samaria.

²¹ Ketika raja Israel melihat mereka, berkatalah dia kepada Elisa, “Haruskah kubunuh mereka, Bapa? Haruskah kubunuh mereka?”

²² Jawabnya, “Jangan bunuh mereka. Apakah orang yang sudah kautawan akan kaubunuh dengan pedang serta panahmu? Hidangkanlah makanan dan minuman di hadapan mereka. Biarkan mereka makan dan minum, lalu pulang kepada tuan mereka.” ²³ Maka raja menyediakan jamuan besar bagi mereka. Setelah mereka makan dan minum dilepaskannya mereka pergi, lalu mereka pun pulang kepada tuan mereka. Sejak itu gerombolan orang Aram tidak pernah datang lagi ke Tanah Israel.

Tindakan Elisa ketika Samaria dikepung

²⁴ Sesudah itu Benhadad, raja Aram, mengerahkan seluruh pasukannya lalu maju mengepung Samaria. ²⁵ Kerana pengepungan terus berlangsung, maka terjadilah bencana kebuluran yang besar di Samaria sehingga kepala

seekor keldai dijual dengan harga lapan puluh keping perak, dan seperempat kab^k kotoran burung merpati berharga lima keping perak.

²⁶ Suatu kali, ketika raja Israel berjalan di atas tembok kota, seorang perempuan berseru kepadanya, “Tolonglah, ya Tuanku Raja!”

²⁷ Jawabnya, “Jika Tuhan sahaja tidak menolong engkau, dengan apakah aku dapat menolong engkau? Adakah dengan hasil tempat pembantingan? Atau dengan hasil tempat pemerasan anggur?” ²⁸ Tetapi kemudian raja bertanya kepadanya, “Ada apa?”

Jawabnya, “Perempuan ini berkata kepada hamba, ‘Berikanlah anak lelakimu untuk kita makan hari ini. Esok, kita akan makan anak lelakiku.’ ²⁹ Oleh sebab itu kami merebus anak hamba lalu memakannya. Keesokan harinya hamba berkata kepadanya, ‘Serahkanlah anakmu untuk kita makan.’ Tetapi dia malah menyembunyikan anaknya.”

³⁰ Apabila raja mendengar kata-kata perempuan itu, dikoyakkannyalah pakaiannya, dan kerana dia berjalan di atas tembok kota, maka orang ramai melihat bahawa dia memakai kain perkabungan pada tubuhnya. ³¹ Katanya, “Biarlah Allah

^k**6:25** Kab: Kira-kira 1.2 liter.

6:29: Ul 28:57; Rat 4:10.

mengazab aku bahkan lebih lagi, jika pada hari ini kepala Elisa anak Safat masih tetap ada di atas bahunya.”³² Pada waktu itu Elisa sedang duduk-duduk di rumahnya bersama dengan para tua-tua.

Raja mengutus seorang berjalan mendahuluinya. Akan tetapi, sebelum pesuruh itu sampai di hadapan Elisa, berkatalah Elisa kepada para tua-tua itu, “Tahukah kamu bahawa anak si pembunuh itu menyuruh orang untuk memenggal kepalaku? Perhatikan, tutuplah pintu dan tahanlah pesuruh itu di pintu ketika dia datang. Bukankah bunyi langkah kaki tuannya terdengar di belakangnya?”³³ Pada waktu dia sedang bercakap dengan mereka, tampaklah pesuruh itu datang menemuinya. Raja pun berkata, “Sesungguhnya, malapetaka ini berasal daripada Tuhan. Apa gunanya aku berharap kepada Tuhan lagi?”

Elisa menjanjikan makanan

7¹ Kata Elisa, “Dengarlah firman Tuhan. Tuhan berfirman begini, ‘Esok, pada waktu seperti ini, satu sukat tepung terbaik dan juga dua sukat barli akan dijual satu syikal di pintu gerbang Samaria.’ ”

² Tetapi perwira pengawal raja berkata kepada hamba Allah itu, “Sekalipun Tuhan membuat

tingkap-tingkap di langit, dapatkah hal itu terjadi?”

Jawab Elisa, “Sesungguhnya, engkau akan melihat hal itu dengan matamu sendiri, tetapi engkau tidak akan menikmatinya sedikit pun.”

Larinya pasukan Aram

³ Pada waktu itu ada empat orang berpenyakit kusta duduk di depan pintu gerbang. Mereka berkata antara satu sama lain, “Apakah gunanya kita duduk-duduk di sini sampai mati? ⁴ Jika kita berkata, ‘Mari kita masuk ke kota,’ di kota ada bencana kebuluran, dan kita akan mati di sana. Tetapi jika kita tinggal di sini, kita akan mati juga. Sekarang, mari kita mendatangi perkhemahan pasukan Aram. Jika mereka membiarkan kita hidup, maka kita akan hidup. Jika mereka membunuh kita, maka kita akan mati.” ⁵ Maka pergilah mereka pada waktu senja ke tapak perkhemahan orang Aram. Setelah mereka sampai di hujung perkhemahan orang Aram, ternyata tidak ada seorang pun di sana. ⁶ Memang Tuhan telah membuat pasukan Aram mendengar bunyi rata dan bunyi kuda, iaitu bunyi pasukan yang besar, sehingga mereka berkata antara satu sama lain, “Tentu raja Israel telah mengupah raja-raja orang Het dan raja-raja orang Mesir untuk datang melawan kita.” ⁷ Oleh

sebab itu mereka segera melarikan diri pada waktu senja. Mereka meninggalkan khemah, kuda, dan keldai mereka serta perkhemahan itu begitu sahaja, lalu melarikan diri demi nyawa mereka.

⁸ Sesampainya orang kusta itu di pinggir perkhemahan, masuklah mereka ke dalam sebuah khemah lalu makan dan minum. Mereka mengangkut dari sana perak, emas, dan pakaian, lalu pergi menyembunyikannya. Kemudian mereka kembali dan masuk ke dalam khemah yang lain, lalu mengangkut juga barang-barang yang ada di sana dan pergi menyembunyikannya. ⁹ Setelah itu, mereka berkata antara satu sama lain, “Perbuatan kita ini tidak baik. Hari ini ada khabar baik, tetapi kita diam sahaja. Jika kita menanti sampai fajar menyingsing, maka hukuman akan menimpa kita. Sekarang, mari kita pergi memberitahu pihak istana raja.” ¹⁰ Mereka pergi lalu berseru kepada para penjaga pintu gerbang kota dan memberitahukan demikian kepada orang itu, “Kami mendatangi perkhemahan orang Aram. Ternyata tidak ada orang di sana dan tidak terdengar suara manusia. Hanya ada kuda-kuda dan keldai-keldai tertambat, manakala khemah-khemah ditinggalkan begitu sahaja.”

¹¹ Kemudian para penjaga pintu gerbang mengumumkan khabar itu hingga sampai ke kalangan istana raja. ¹² Maka bangunlah raja pada malam hari itu lalu berkata kepada para pegawainya, “Kuberitahukan kepadamu apa yang disiapkan orang Aram itu bagi kita. Mereka tahu bahawa kita ini kelaparan, sebab itu mereka pergi dari perkhemahan untuk bersembunyi di padang sambil berfikir, ‘Apabila orang itu keluar dari kota, kita akan menangkap mereka hidup-hidup, lalu masuk ke dalam kota.’ ”

¹³ Tetapi salah seorang pegawainya menjawab, “Sebaiknya beberapa orang mengambil lima ekor daripada kuda yang tersisa, yang masih tertinggal di dalam kota, kerana sesungguhnya nasib orang Israel yang tersisa di sini akan sama dengan nasib ramai orang Israel yang telah binasa. Jadi, biarlah kita mengutus orang untuk melihat apa yang terjadi.” ¹⁴ Kemudian mereka mengambil dua buah rata dengan kuda, dan raja menyuruh mereka menyusul pasukan Aram, katanya, “Pergilah dan lihatlah.” ¹⁵ Mereka pun pergi menyusul orang itu sampai ke Sungai Yordan. Ternyata sepanjang jalan itu penuh dengan pakaian dan kelengkapan yang dibuang oleh orang Aram ketika mereka lari tergepoh-gopoh. Maka para suruhan itu kembali dan memberitahukan hal itu kepada raja. ¹⁶ Lalu

orang ramai pun keluar menjarah perkhemahan orang Aram sehingga satu sukat tepung terbaik dan juga dua sukat barli dijual satu syikal, selaras dengan firman Tuhan.

¹⁷ Sementara itu perwira yang menjadi pengawal raja diminta raja untuk mengawasi pintu gerbang. Namun demikian, orang ramai menginjak-injak dia di pintu gerbang itu sehingga dia mati, selaras dengan kata-kata yang diucapkan hamba Allah ketika raja datang menemuinya. ¹⁸ Waktu itu hamba Allah berkata kepada raja, “Esok, pada waktu seperti ini, dua sukat barli dan sesukat tepung terbaik akan dijual satu syikal di pintu gerbang Samaria.” ¹⁹ Tetapi si perwira berkata kepada hamba Allah itu, “Sekalipun Tuhan membuat tingkap-tingkap di langit, dapatkah hal semacam itu terjadi?” Kata Elisa, “Sesungguhnya, engkau akan melihat hal itu dengan matamu sendiri, tetapi engkau tidak akan menikmatinya sedikit pun.” ²⁰ Demikianlah yang terjadi kepada dirinya. Orang ramai menginjak-injak dia di pintu gerbang sehingga dia mati.

Wanita Sunem mendapat harta miliknya semula

8¹ Dahulu Elisa pernah berbicara kepada perempuan yang anaknya dihidupkan kembali, katanya, “Pergilah segera bersama-sama keluargamu dan tinggallah sebagai pendatang di mana sahaja engkau boleh tinggal, kerana Tuhan akan mendatangkan bencana kebuluran atas negeri ini selama tujuh tahun.”² Perempuan itu pun segera bertindak selaras dengan kata-kata hamba Allah itu. Dia pergi bersama-sama keluarganya, lalu tinggal sebagai pendatang di negeri orang Filistin selama tujuh tahun.

³ Setelah tujuh tahun berlalu, kembalilah perempuan itu dari negeri orang Filistin. Kemudian dia pergi menghadap raja untuk mengadukan perkara mengenai rumah dan ladangnya.⁴ Pada waktu itu raja sedang berbicara dengan Gehazi, pembantu hamba Allah, katanya, “Ceritakanlah padaku segala perbuatan besar yang dilakukan Elisa.”⁵ Sementara dia bercerita kepada raja bagaimana Elisa menghidupkan seorang anak yang telah mati, tiba-tiba perempuan yang anaknya dihidupkan kembali itu datang hendak mengadukan perkara perihal rumah dan ladangnya kepada raja. Kata Gehazi,

“Ya Tuanku Raja, inilah perempuan itu dan inilah anaknya yang dihidupkan kembali oleh Elisa.”⁶ Raja pun bertanya kepada perempuan itu, dan perempuan itu bercerita kepadanya. Kemudian raja menunjuk seorang pegawai istana untuk menolong perempuan itu, katanya, “Kembalikanlah kepadanya semua yang menjadi miliknya dan semua hasil ladang sejak dia meninggalkan tanah itu sampai sekarang.”

Hazael membunuh Raja Benhadad

⁷ Suatu ketika, Elisa pergi ke Damsyik ketika Benhadad, raja Aram, sedang sakit. Kemudian kepada raja dikhabarkan demikian, “Hamba Allah itu sudah datang ke mari.”⁸ Maka kata raja kepada Hazael, “Bawalah persembahan dan pergilah, serta songsonglah hamba Allah itu. Carilah petunjuk Tuhan daripada dia dan tanyakanlah, ‘Adakah aku akan sembuh daripada penyakit ini?’”⁹ Hazael pun pergi menyongsong Elisa dengan membawa persembahan, iaitu segala barang yang indah dari Damsyik sebanyak muatan empat puluh ekor unta. Dia datang lalu berdiri di hadapan Elisa dan berkata, “Anak tuan, Benhadad, raja Aram, menyuruh hamba menemui tuan untuk bertanya, ‘Adakah aku akan sembuh daripada penyakit ini?’”

¹⁰ Jawab Elisa kepadanya, “Pergilah, katakanlah kepadanya, ‘Engkau pasti sembuh.’ Namun demikian, Tuhan sudah memperlihatkan kepadaku bahawa dia akan mati.” ¹¹ Kemudian Elisa menatap dia lama-lama, sampai Hazael berasa malu. Lalu menangislah hamba Allah itu. ¹² Hazael bertanya, “Mengapakah tuanku menangis?”

Jawabnya, “Sebab aku tahu malapetaka yang akan kaudatangkan atas orang Israel. Kota-kotanya yang berkubu akan kaumusnahkan dengan api, pemuda-pemudanya akan kaubunuh dengan pedang, bayi-bayinya akan kauhempaskan, dan perut kaum perempuannya yang mengandung akan kaubelah.”

¹³ Kata Hazael, “Tetapi siapakah hambamu ini sehingga dapat melakukan hal sebesar itu? Hamba hanyalah seekor anjing!”

Jawab Elisa, “Tuhan telah memperlihatkan kepadaku bahawa engkau akan menjadi raja atas Aram.”

¹⁴ Maka pergilah Hazael meninggalkan Elisa lalu kembali kepada tuannya. Tanya raja kepadanya, “Apa kata Elisa kepadamu?”

Jawabnya, “Dia mengatakan kepada hamba bahawa tuanku pasti sembuh.” ¹⁵ Akan

tetapi, keesokan harinya Hazael mengambil sehelai selimut, mencelupnya ke dalam air, dan menyapukannya pada muka raja sehingga dia mati. Maka Hazael menaiki takhta menggantikannya.

Yoram, raja Yehuda

¹⁶ Pada tahun kelima zaman pemerintahan Yoram anak Ahab, raja Israel, Yoram anak Yosafat menaiki takhta menjadi raja Yehuda menggantikan Yosafat, raja Yehuda ketika itu.

¹⁷ Umurnya tiga puluh dua tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama lapan tahun. ¹⁸ Dia hidup mengikuti jejak raja-raja Israel seperti yang dilakukan oleh keluarga Ahab, kerana isterinya ialah anak Ahab, dan dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. ¹⁹ Meskipun begitu, Tuhan tidak mahu membinasakan Yehuda kerana Daud, hamba-Nya. Allah memang telah berjanji kepada Daud bahawa Dia akan mengurniakan sebuah pelita kepada Daud dan kepada keturunannya sepanjang masa.

²⁰ Pada zaman Yoram, orang Edom memberontak untuk menentang kekuasaan Yehuda dan mengangkat seorang raja atas

mereka sendiri. ²¹ Oleh sebab itu Yoram menyeberang ke Zair dengan seluruh ratanya. Kemudian orang Edom mengepungnya dan para panglima pasukan ratanya, tetapi pada malam harinya dia bangun lalu menyerang mereka. Meskipun begitu, pasukannya melarikan diri pulang ke khemah masing-masing.

²² Demikianlah orang Edom memberontak menentang kekuasaan Yehuda sampai hari ini. Pada waktu yang sama pula, Libna memberontak.

²³ Riwayat Yoram selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ²⁴ Lalu Yoram dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Daud. Maka Ahazia, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Ahazia, raja Yehuda

²⁵ Pada tahun kedua belas zaman pemerintahan Yoram anak Ahab, raja Israel, Ahazia anak Yoram menaiki takhta menjadi raja Yehuda. ²⁶ Ahazia berumur dua puluh dua tahun ketika dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama satu tahun. Nama ibunya ialah Atalya anak Omri, raja Israel. ²⁷ Dia hidup mengikuti jejak keluarga Ahab dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, seperti yang dilakukan oleh

keluarga Ahab, kerana dia seorang menantu dalam kalangan keluarga Ahab.

²⁸ Ahazia pergi menyertai Yoram anak Ahab untuk berperang melawan Hazael, raja Aram, di Ramot-Gilead. Tetapi orang Aram melukakan Yoram. ²⁹ Maka kembalilah Raja Yoram ke Yizreel untuk mendapat perubatan bagi luka-luka akibat serangan orang Aram di Rama ketika dia berperang melawan Hazael, raja Aram. Kemudian Ahazia anak Yoram, raja Yehuda, pergi menjenguk Yoram anak Ahab di Yizreel kerana dia sakit.

Panglima Yehu menjadi raja Israel

9 ¹ Nabi Elisa memanggil seorang daripada rombongan nabi dan berkata kepadanya, “Ikatlah pinggangmu, bawalah kendi berisi minyak ini dan pergilah ke Ramot-Gilead. ² Sesampainya engkau di sana, carilah Yehu anak Yosafat anak Nimsi. Masuklah, ajak dia bangkit dari tengah-tengah teman-temannya, dan bawalah dia ke ruang dalam. ³ Kemudian ambillah kendi berisi minyak ini, curahkanlah minyak ke atas kepalanya dan katakanlah, ‘Beginilah firman Tuhan, “Aku melantik engkau menjadi raja atas Israel.”’ Setelah itu, bukalah pintu dan larilah, jangan berlengah sedikit pun.”

⁴ Maka pergilah nabi muda itu ke Ramot-Gilead.
⁵ Sesampainya dia di sana, tampak para panglima pasukan sedang duduk-duduk. Lalu dia berkata, “Aku membawa pesan untukmu, ya panglima.”

Tanya Yehu, “Untuk siapakah antara kami sekalian ini?”

Jawabnya, “Untukmu, ya panglima.” ⁶ Maka bangkitlah Yehu dan masuk ke dalam rumah. Kemudian nabi muda itu menuangkan minyak ke atas kepalanya dan berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Aku melantik engkau menjadi raja atas umat Tuhan, yaitu atas Israel. ⁷ Engkau harus membunuh keluarga Ahab, tuanmu, supaya Aku dapat membalas atas Izebel darah hamba-hamba-Ku, para nabi, dan darah semua hamba Tuhan.

⁸ Seluruh keluarga Ahab akan binasa. Daripada Ahab akan aku lenyapkan setiap lelaki, baik orang kurungan mahupun orang merdeka antara orang Israel. ⁹ Aku akan menjadikan keluarga Ahab sama seperti keluarga Yerobeam anak Nebat dan keluarga Baesa anak Ahia. ¹⁰ Mayat Izebel akan dimakan anjing di wilayah Yizreel dan tidak ada orang yang akan memakamkannya.” Kemudian nabi muda itu membuka pintu lalu lari.

¹¹ Ketika Yehu keluar mendapatkan para pegawai tuannya, bertanyalah seseorang kepadanya, “Adakah semuanya baik-baik sahaja? Mengapakah orang gila itu datang kepadamu?”

Jawab Yehu kepada mereka, “Kamu tahulah orang seperti itu dan hal-hal yang dikatakannya.”

¹² Kata mereka, “Ah, bohong! Ayuh, beritahulah kami!”

Kata Yehu, “Inilah yang dikatakannya kepadaku, ‘Beginilah firman Tuhan, “Aku melantik engkau menjadi raja atas Israel.” ’

¹³ Mereka pun segera mengambil pakaian masing-masing dan menghamparkannya di tangga sebagai pijakan kakinya. Mereka meniup sangkakala dan berseru, “Yehu menaiki takhta!”

¹⁴ Demikianlah Yehu anak Yosafat anak Nimsi bersekongkol melawan Yoram. Sementara itu, Yoram sedang berjaga-jaga bersama semua orang Israel di Ramot-Gilead menghadapi Hazael, raja Aram. ¹⁵ Tetapi Raja Yoram sendiri telah kembali ke Yizreel untuk mendapat pemulihan daripada luka-luka akibat serangan orang Aram ketika dia berperang melawan Hazael, raja Aram. Kata Yehu kepada para penyokongnya, “Kalau demikian niat hatimu, jangan biarkan seorang pun keluar menyelamatkan diri dari kota untuk pergi memberitahukan hal ini ke Yizreel.”

Raja Yoram dan Raja Ahazia dibunuh

¹⁶ Yehu menaiki ratanya lalu pergi ke Yizreel, kerana Yoram terbaring sakit di sana. Juga Ahazia, raja Yehuda, pergi ke sana untuk menjenguk Yoram.

¹⁷ Ketika pengawal yang berdiri di atas menara Yizreel melihat pasukan Yehu datang, berserulah dia, “Aku melihat suatu pasukan!”

Kata Yoram, “Suruhlah seorang penunggang kuda pergi menemui orang itu dan bertanya, ‘Khabar baikkah?’ ”

¹⁸ Seorang penunggang kuda pun pergi menemuinya dan berkata, “Beginilah titah raja, ‘Khabar baikkah?’ ”

Jawab Yehu, “Apakah urusanmu dengan khabar baik? Ikutlah aku!”

Lalu pengawal itu melaporkan, “Pesuruh itu sudah sampai di tempat mereka, tetapi dia tidak kembali.” ¹⁹ Kemudian raja menyuruh seorang penunggang kuda yang lain. Dia sampai di tempat mereka dan berkata, “Beginilah titah raja, ‘Khabar baikkah?’ ” Jawab Yehu, “Apakah urusanmu dengan khabar baik? Ikutlah aku!”

²⁰ Lalu pengawal itu melaporkan, “Dia sudah sampai di tempat mereka, tetapi dia tidak kembali. Caranya mengenderai ratanya seperti

cara Yehu cucu Nimsi, kerana dia membawa kenderaan seperti orang gila.”

²¹ Kata Yoram, “Sediakan rataku!” Lalu ratanya pun disediakan. Keluarlah Yoram, raja Israel, dan Ahazia, raja Yehuda, dengan rata masing-masing. Mereka pergi menyongsong Yehu dan menjumpai dia di tanah milik Nabot, orang Yizreel itu.

²² Ketika Yoram melihat Yehu, bertanyalah ia, “Khabar baikkah, Yehu?”

Jawabnya, “Bagaimanakah mungkin ada khabar baik selagi ibumu Izebel melakukan begitu banyak perbuatan kafir dan sihir?”

²³ Dengan segera Yoram memutar arah ratanya dan melarikan diri sambil berkata kepada Ahazia, “Ini pengkhianatan, Ahazia!” ²⁴ Yehu menarik busurnya sekuat tenaga dan memanah Yoram di antara kedua-dua bahunya sehingga anak panah itu menembus jantungnya. Maka tersungkurlah dia di dalam ratanya. ²⁵ Kata Yehu kepada Bidkar, perwiranya, “Angkat dan campakkanlah dia ke ladang milik Nabot, orang Yizreel itu. Ingatlah, ketika aku dan engkau berdampingan menunggang kuda mengikuti Ahab, ayahnya, Tuhan telah menyampaikan pernyataan ilahi ini terhadap dia, ²⁶ ‘Sesungguhnya, kelmarin Kulihat darah Nabot dan darah anak-anaknya,

demikianlah firman Tuhan. Aku akan membalas engkau di ladang ini, demikianlah firman Tuhan.' Jadi, angkat dan campakkanlah dia ke ladang itu, selaras dengan firman Tuhan."

²⁷ Melihat hal itu Ahazia, raja Yehuda, lari menuju jalan ke Bet-Hagan. Tetapi Yehu mengejar dia dan berkata, "Panahlah dia juga!" Maka dia dipanah di atas ratanya, di Tanjakan Gur dekat Yibleam. Dia lari ke Megido lalu mati di sana.

²⁸ Para pegawainya mengangkut jenazahnya ke Yerusalem, lalu memakamkan dia dalam makamnya sendiri bersama nenek moyangnya di Kota Daud.

²⁹ Ahazia menaiki takhta atas Yehuda pada tahun kesebelas zaman pemerintahan Yoram anak Ahab.

Izebel dibunuh

³⁰ Sampailah Yehu di Yizreel. Ketika Izebel mendengar hal itu, dia mencelak matanya, menghiasi kepalanya, lalu menengok dari jendela. ³¹ Ketika Yehu memasuki pintu gerbang, berkatalah Izebel, "Khabar baikkah, wahai Zimri, pembunuh tuannya?"

³² Yehu menengadahkan ke jendela itu lalu berkata, "Siapakah yang berpihak kepadaku? Siapakah?" Kemudian dua tiga orang sida menengok ke bawah. ³³ Kata Yehu, "Jatuhkanlah dia!" Mereka

pun menjatuhkan dia sehingga darahnya memercik ke dinding serta ke kuda-kuda yang kemudian menginjak-injaknya. ³⁴ Yehu masuk ke dalam, lalu makan dan minum. Katanya, “Uruslah mayat perempuan terkutuk itu dan makamkanlah dia, kerana dia anak raja juga.” ³⁵ Mereka pergi untuk menguburkan dia, tetapi mayatnya tidak ditemui, kecuali tengkorak, kedua-dua belah kaki, dan kedua-dua telapak tangannya. ³⁶ Mereka kembali memberitahu Yehu. Kata Yehu, “Memang begitulah firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan hamba-Nya Elia, orang Tisbe itu, bunyinya, ‘Di wilayah Yizreel anjing akan memakan daging Izebel. ³⁷ Mayat Izebel akan seperti baja kandang di permukaan ladang di wilayah Yizreel, sehingga tidak ada orang yang mengenalinya dapat berkata: Ini Izebel.’ ”

Raja Yehu memusnahkan keluarga Raja Ahab

10 ¹ Ahab mempunyai tujuh puluh orang anak lelaki di Samaria. Jadi, Yehu menulis beberapa pucuk surat dan mengirimkannya ke Samaria, kepada para pembesar di Yizreel, kepada para tua-tua, dan kepada para wali anak-anak Ahab, bunyinya, ² “Mengingat anak-anak

tuanmu ada padamu begitu pula rata, kuda, kota berkubu, serta senjata, maka sekarang, apabila surat ini sampai di tanganmu, ³ pilihlah seorang yang terbaik dan paling tepat daripada antara anak-anak tuanmu, lalu dudukkanlah dia di atas takhta ayahnya. Kemudian berperanglah demi keluarga tuanmu.”

⁴ Tetapi mereka sangat ketakutan dan berkata, “Manakala kedua-dua orang raja itu tidak dapat bertahan menghadapinya, bagaimanakah kita mungkin dapat bertahan?” ⁵ Maka kepala istana dan kepala kota berserta para tua-tua dan para wali mengirim utusan kepada Yehu dengan pesan, “Kami ini hamba-hamba tuan. Semua yang tuan katakan kepada kami akan kami lakukan. Kami tidak mahu mengangkat seorang pun menjadi raja. Lakukanlah sahaja apa yang dipandang baik oleh tuan.”

⁶ Kemudian untuk kali keduanya Yehu menulis surat kepada orang itu, bunyinya, “Jika kamu memihak kepadaku dan mahu menuruti kata-kataku, penggallah kepala anak-anak tuanmu dan datanglah kepadaku di Yizreel, esok pada waktu seperti ini.”

Kesemua tujuh puluh orang anak raja itu tinggal bersama-sama para pembesar kota yang membesarkan mereka. ⁷ Sebaik sahaja surat itu sampai, mereka menangkap dan menyembelih

kesemua tujuh puluh orang anak raja itu. Kepala semua mayat itu mereka taruh dalam keranjang lalu dikirim kepada Yehu di Yizreel.

⁸ Kemudian seorang pesuruh datang memberitahu Yehu, “Mereka sudah membawa kepala anak-anak raja itu.” Kata Yehu, “Susunlah semuanya menjadi dua timbunan di depan pintu gerbang sampai pagi.” ⁹ Pagi harinya keluarlah Yehu. Dia berdiri di hadapan seluruh rakyat dan berkata kepada mereka, “Kamu tidak bersalah. Akulah yang mengadakan komplot melawan tuanku lalu membunuh dia. Tetapi siapakah yang membunuh semua orang ini? ¹⁰ Ketahuilah sekarang bahawa firman Tuhan, yang telah disampaikan Tuhan mengenai keluarga Ahab, tidak ada yang gugur. Tuhan telah mewujudkan apa yang difirmankan-Nya dengan perantaraan hamba-Nya Elia.” ¹¹ Lalu Yehu membunuh semua orang yang masih tinggal daripada keluarga Ahab di Yizreel, juga semua pembesarnya, sahabat-sahabat karibnya, dan imam-imamnya, sehingga tidak ada seorang pun yang ditinggalkan hidup.

¹² Setelah itu, Yehu bersiap lalu pergi ke Samaria. Di jalan dekat Bet-Eked, perkampungan para gembala, ¹³ Yehu bertemu dengan

saudara-saudara Ahazia, raja Yehuda. Dia bertanya, “Siapakah kamu ini?” Jawab mereka, “Kami ini saudara-saudara Ahazia. Kami pergi untuk memberikan salam kepada anak-anak raja dan anak-anak bonda permaisuri.”¹⁴ Kata Yehu, “Tangkap mereka hidup-hidup!” Lalu mereka yang seramai empat puluh dua orang itu pun ditangkap hidup-hidup dan disembelih dekat perigi Bet-Eked. Tiada seorang pun ditinggalkannya hidup daripada kalangan mereka.

¹⁵ Setelah pergi dari sana, dia bertemu pula dengan Yonadab anak Rekhav yang datang menyongsongnya. Yehu memberikan salam kepadanya dan berkata, “Adakah hatimu tulus terhadap aku, seperti hatiku terhadap engkau?”

Jawab Yonadab, “Ya!” Kata Yehu, “Jika ya, hulurkanlah tanganmu.” Dia menghulurkan tangannya, lalu Yehu mengajak dia naik ke atas rata.¹⁶ Kata Yehu, “Ikutlah aku dan lihatlah semangatku bagi Tuhan.” Demikianlah Yehu membawa dia dalam ratanya.¹⁷ Sesampainya Yehu di Samaria, dia menyerang semua orang yang masih ada dari kerabat Ahab di Samaria sehingga mereka punah, selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan kepada Elia.

Raja Yehu menghapuskan penyembahan Baal

¹⁸ Kemudian Yehu mengumpulkan seluruh rakyat dan berkata kepada mereka, “Ahab masih kurang beribadat kepada Baal. Yehu mahu beribadat kepadanya lebih banyak lagi. ¹⁹ Sekarang, panggillah menghadap aku semua nabi Baal, semua orang yang beribadat kepadanya, dan semua imamnya. Jangan ada seorang pun yang tidak hadir, kerana aku hendak mengadakan upacara korban yang besar bagi Baal. Sesiapa pun yang tidak hadir, tidak akan dibiarkan hidup.” Tetapi sesungguhnya hal itu cuma tipu muslihat Yehu supaya dia dapat membinasakan orang yang beribadat kepada Baal. ²⁰ Kata Yehu, “Adakanlah perhimpunan raya suci bagi Baal.” Lalu mereka pun memaklumpkannya. ²¹ Yehu mengirim pesan ke seluruh Israel. Maka datanglah semua orang yang beribadat kepada Baal, tidak ada seorang pun yang tidak datang. Mereka masuk ke kuil Baal, sehingga kuil Baal itu penuh sesak dari hujung ke hujung. ²² Kata Yehu kepada orang yang mengetuai gudang pakaian, “Keluarkanlah pakaian khusus untuk semua orang yang beribadat kepada Baal.” Maka dia mengeluarkan pakaian untuk orang itu. ²³ Kemudian Yehu dan Yonadab anak Rekhav masuk ke dalam

kuil Baal. Kepada orang yang beribadat kepada Baal dia berkata, “Periksa dan lihatlah, jangan sampai ada seorang pun hamba Tuhan di sini bersama-samamu. Biarlah hanya ada orang yang beribadat kepada Baal sahaja.”²⁴ Lalu mereka masuk untuk mempersembahkan korban sembelihan dan korban bakaran. Akan tetapi, Yehu sudah menempatkan lapan puluh orang di luar dengan pesan, “Sesiapa yang membiarkan selamat seorang sahaja daripada orang yang kuserahkan ke dalam tanganmu, maka nyawanya adalah ganti nyawa orang itu.”

²⁵Sebaik sahaja Yehu selesai mempersembahkan korban bakaran, berkatalah dia kepada para bentara dan para perwira, “Masuklah dan hancurkanlah mereka. Jangan seorang pun yang dapat melepaskan diri.” Maka mereka mematikan orang itu dengan mata pedang. Kemudian para bentara dan para perwira mencampakkan mayat-mayat itu, lalu pergi ke gedung kuil Baal.²⁶ Mereka mengeluarkan tiang-tiang berhala kuil Baal itu dan membakarnya.²⁷ Mereka pun merobohkan tiang-tiang berhala Baal dan juga kuil Baal itu, lalu menjadikannya jamban sampai hari ini.

²⁸ Demikianlah Yehu memusnahkan Baal dari Israel. ²⁹ Meskipun begitu, Yehu tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa Yerobeam anak Nebat, yang menyebabkan orang Israel turut berdosa, iaitu penyembahan anak-anak lembu emas di Betel dan di Dan. ³⁰ Firman Tuhan kepada Yehu, “Oleh sebab engkau telah berbuat baik dengan melakukan apa yang benar di mata-Ku, dan telah melaksanakan apa yang dikehendaki hati-Ku terhadap keluarga Ahab, maka anak-anakmu akan duduk di atas takhta Israel sampai keturunan yang keempat.” ³¹ Namun demikian, Yehu tidak tetap hidup menurut hukum Tuhan, Allah Israel, dengan segenap hatinya. Dia tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa Yerobeam yang menyebabkan orang Israel turut berdosa.

³² Pada zaman itu Tuhan mulai mengecilkan daerah jajahan Israel. Hazael mengalahkan mereka di seluruh daerah Israel, ³³ dari Sungai Yordan ke arah timur, iaitu seluruh Tanah Gilead, tanah orang Gad, orang Ruben, dan orang Manasye, mulai Aroer berdekatan dengan Lembah Arnon, baik Gilead mahupun Basan.

³⁴ Riwayat Yehu selebihnya, semua yang dilakukannya, dan segala kejayaannya, bukankah

semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ³⁵ Lalu Yehu dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di Samaria. Maka Yoahas, anaknya, menaiki takhta menggantikannya. ³⁶ Yehu bertakhta atas Israel di Samaria selama dua puluh lapan tahun.

Atalya tewas, Yoas jadi raja Yehuda

11 ¹ Apabila Atalya, ibu Ahazia, melihat bahwa anaknya sudah mati, maka dibunuhnya segera semua keturunan raja.

² Tetapi salah seorang anak Raja Yoram, yaitu Yoseba, saudara perempuan Ahazia, mengambil Yoas anak Ahazia dan membawanya pergi dengan diam-diam daripada kalangan anak-anak raja yang hendak dibunuh itu. Yoseba memasukkan dia bersama inang penyusunya ke dalam bilik tidur dan menyembunyikan dia dari Atalya, sehingga dia tidak terbunuh. ³ Yoas tetap bersembunyi dengannya di Bait Tuhan selama enam tahun sementara Atalya bertakhta atas negeri itu.

⁴ Pada tahun ketujuh, Imam Yoyada menyuruh agar dikumpulkan para pemimpin pasukan seratus daripada orang Kari dan daripada pasukan bentara. Mereka dibawa masuk menemuinya di Bait Tuhan, lalu dia mengikat perjanjian dengan mereka dan menyuruh

mereka bersumpah di Bait Tuhan. Kemudian dia menunjukkan kepada mereka anak raja.

⁵ Dia memberikan perintah kepada mereka, “Inilah hal yang harus kamu lakukan: sepertiga daripada kamu yang bertugas pada hari Sabat harus menjaga istana raja, ⁶ sepertiga lagi harus berada di Pintu Gerbang Sur, dan sepertiga yang lain di pintu gerbang di belakang para bentara untuk menjaga istana dan mempertahankannya.

⁷ Sementara itu, kedua-dua pasukanmu yang selebihnya, iaitu semua orang yang bebas tugas pada hari Sabat, harus menjaga Bait Tuhan bagi raja. ⁸ Kelilingilah raja dari segala penjuru dengan senjata di tangan masing-masing. Sesiapa pun yang mendekati barisan itu harus dibunuh. Sertailah raja ke mana-mana pun dia pergi.”

⁹ Para pemimpin pasukan seratus itu melaksanakan semua yang diperintahkan Imam Yoyada. Mereka mengumpulkan orang masing-masing, baik yang bertugas pada hari Sabat mahupun yang bebas tugas pada hari Sabat, lalu datang menghadap Imam Yoyada.

¹⁰ Kemudian imam menyerahkan kepada para pemimpin pasukan seratus itu tombak-tombak dan perisai-perisai milik Raja Daud yang ada di Bait Tuhan. ¹¹ Para bentara berdiri di sisi kanan Bait sampai ke sisi kiri Bait dengan senjata di tangan masing-masing. Mereka mengelilingi raja

dekat mazbah, dan dekat Bait itu. ¹² Kemudian Yoyada membawa anak raja ke luar, mengenakan mahkota padanya, dan menyerahkan hukum Allah kepadanya. Mereka menobatkan dia sebagai raja dan mentahbiskan dia. Mereka bertepuk tangan dan berseru, “Hidup Sang Raja!”

¹³ Ketika Atalya mendengar suara para bentara dan rakyat, pergilah dia mendatangi rakyat di Bait Tuhan. ¹⁴ Dilihatnya raja berdiri dekat tiang menurut kebiasaan, sementara para pemimpin dan para peniup nafiri berdiri di sisinya. Seluruh rakyat negeri bersuka ria sambil meniup nafiri, tetapi Atalya mengoyakkan pakaiannya sambil berseru, “Pengkhianatan! Pengkhianatan!”

¹⁵ Lalu Imam Yoyada memerintahkan para pemimpin pasukan seratus, yaitu orang yang mengetuai pasukan, “Keluarkan dia daripada barisan! Matikanlah dengan pedang siapa yang berpihak kepadanya!” Imam memang telah berpesan, “Jangan biar dia dibunuh di Bait Tuhan.” ¹⁶ Jadi, mereka menangkap perempuan itu ketika dia memasuki kawasan istana raja melalui pintu masuk kuda, lalu dia dibunuh di situ.

¹⁷ Yoyada mengikat perjanjian antara Tuhan dengan raja dan rakyat, bahawa mereka akan

menjadi umat Tuhan, dan juga antara raja dengan rakyat. ¹⁸ Kemudian pergilah seluruh rakyat negeri ke kuil Baal dan merobohkannya. Mereka menghancurkan sama sekali mazbah-mazbahnya dan patung-patungnya serta menewaskan Matan, imam Baal, di depan mazbah-mazbah itu.

Lalu Imam Yoyada mengangkat pengawas-pengawas atas Bait Tuhan. ¹⁹ Sesudah itu dia mengajak ketua-ketua pasukan seratus, orang Kari, para bentara, dan seluruh rakyat negeri untuk membawa raja turun dari Bait Tuhan. Mereka pun masuk ke istana raja melalui pintu gerbang para bentara. Maka duduklah raja di atas takhta kerajaan. ²⁰ Seluruh rakyat negeri bersuka ria dan kota itu pun sentosa setelah Atalya dibunuh dengan pedang di istana raja.

²¹ Yoas berumur tujuh tahun pada waktu dia menaiki takhta.

Yoas memperbaiki Bait Suci

12 ¹ Pada tahun ketujuh pemerintahan Yehu, Yoas menaiki takhta. Empat puluh tahun lamanya dia bertakhta di Yerusalem. Nama ibunya ialah Zibya, dari Bersyeba. ² Yoas melakukan apa yang benar di mata Tuhan seumur hidupnya, selama Imam Yoyada mengajar dia. ³ Hanya, bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya.

Rakyat masih mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan itu.

⁴ Berkatalah Yoas kepada para imam, “Hendaklah semua wang persembahan suci yang dibawa ke Bait Tuhan, iaitu wang yang masuk daripada pendaftaran penduduk, wang tebusan jiwa menurut penilaian yang berlaku bagi setiap orang, dan semua wang yang dibawa ke Bait Tuhan kerana niat seseorang, ⁵ diterima sendiri oleh para imam daripada kenalan masing-masing. Hendaklah mereka memakainya untuk memperbaiki kerosakan Bait, di mana sahaja terdapat kerosakan.”

⁶ Akan tetapi, hingga tahun kedua puluh tiga pemerintahan Raja Yoas, para imam masih belum lagi memperbaiki kerosakan Bait itu. ⁷ Oleh sebab itu Raja Yoas memanggil Imam Yoyada dan para imam lain serta berkata kepada mereka, “Mengapakah kamu belum juga memperbaiki kerosakan Bait itu? Sekarang, jangan lagi terima wang daripada para dermawan kenalanmu, tetapi serahkanlah itu untuk memperbaiki kerosakan Bait.” ⁸ Para imam setuju untuk tidak lagi menerima wang daripada rakyat, dan mereka pun tidak lagi harus memperbaiki kerosakan Bait itu sendiri.

⁹ Kemudian Imam Yoyada mengambil sebuah peti dan membuat lubang pada tutupnya. Ditaruhnya peti itu di sisi mazbah, letaknya di sebelah kanan apabila orang masuk ke Bait Tuhan. Lalu imam-imam penjaga pintu memasukkan ke dalamnya semua wang yang dibawa orang ke Bait Tuhan. ¹⁰ Apabila mereka melihat bahawa jumlah wang di dalam peti itu sudah banyak, maka datanglah jurutulis raja bersama imam besar untuk menghitung wang yang terdapat dalam Bait Tuhan itu dan membungkusnya. ¹¹ Wang yang ditimbang itu kemudian diserahkan kepada para pekerja yang dipilih untuk mengawasi Bait Tuhan. Selanjutnya para pengawas itu membayarkannya kepada tukang kayu serta tukang binaan yang mengerjakan Bait Tuhan, ¹² juga kepada tukang tembok serta tukang pahat batu. Wang itu juga digunakan untuk membeli kayu dan batu pahat bagi memperbaiki kerosakan Bait Tuhan, serta untuk segala perbelanjaan bagi pembaikan Bait itu. ¹³ Tetapi wang yang dibawa ke dalam Bait Tuhan itu tidak digunakan untuk membuat mangkuk perak, sepit, bokor, nafiri, atau perkakas emas dan perak lainnya bagi Bait Tuhan, ¹⁴ kerana wang itu diserahkan kepada para pekerja untuk

digunakan memperbaiki Bait Tuhan. ¹⁵ Para imam penjaga pintu itu tidak mengadakan perhitungan dengan para pengawas yang diserahi wang untuk kemudian memberikannya kepada para pekerja, kerana para pengawas itu bekerja dengan jujur. ¹⁶ Sementara itu, wang korban penebus kesalahan dan wang persembahan penghapus dosa tidaklah dibawa ke dalam Bait Tuhan. Wang itu menjadi bahagian para imam.

¹⁷ Pada waktu itu Hazael, raja Aram, maju berperang melawan Gat dan merebutnya. Lalu Hazael pun berniat maju menyerang Yerusalem. ¹⁸ Oleh sebab itu Yoas, raja Yehuda, mengambil semua persembahan suci yang telah ditakdikan oleh para leluhurnya – Yosafat, Yoram, dan Ahazia, raja-raja Yehuda – serta persembahan-persembahan sucinya sendiri, juga semua emas yang terdapat dalam perbendaharaan Bait Tuhan dan istana raja, lalu mengirimbkannya kepada Hazael, raja Aram. Maka Hazael pun mundur dari Yerusalem.

¹⁹ Riwayat Yoas selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda?

²⁰ Pegawai-pegawainya mengadakan komplot, lalu membunuh Yoas di rumah Milo, di jalan

menurun ke Sila. ²¹ Yozakar anak Simeat dan Yozabad anak Somer ialah dua pegawainya yang menyerangnya hingga dia mati. Lalu dia dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Daud. Maka Amazia, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Yoahas, raja Israel

13 ¹ Pada tahun kedua puluh tiga pemerintahan Yoas anak Ahazia, raja Yehuda, Yoahas anak Yehu menaiki takhta atas Israel di Samaria. Dia bertakhta selama tujuh belas tahun, ² dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Dia hidup menurut dosa-dosa Yerobeam anak Nebat yang menyebabkan orang Israel turut berdosa, dan tidak menjauhi segala kemungkaran itu. ³ Maka menyalalah murka Tuhan atas Israel sehingga selama zaman itu, secara berterusan Dia menyerahkan mereka ke dalam tangan Hazael, raja Aram, serta Benhadad anak Hazael. ⁴ Lalu Yoahas memohon belas kasihan Tuhan, dan Tuhan mendengar permintaannya, kerana Dia melihat bagaimana beratnya raja Aram menindas orang Israel. ⁵ Maka Tuhan mengurniakan seorang penyelamat kepada orang Israel, sehingga mereka terlepas daripada tekanan orang Aram. Orang Israel pun tinggal di khemah-khemah mereka seperti

dahulu. ⁶ Namun begitu, mereka tidak juga menjauhkan diri daripada dosa-dosa keluarga Yerobeam yang menyebabkan orang Israel turut berdosa, melainkan hidup di dalamnya. Patung Asyera pun masih berdiri di Samaria.

⁷ Sebab tidak ada pasukan tentera yang ada dengan Yoahas kecuali lima puluh orang pasukan berkuda, sepuluh buah rata, dan sepuluh ribu orang askar berjalan kaki, kerana raja Aram telah membinasakan mereka dan membuat mereka seperti debu semasa pengirikan.

⁸ Riwayat Yoahas selebihnya, semua yang dilakukannya, dan kejayaannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ⁹ Lalu Yoahas dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di Samaria. Maka Yoas, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Yoas, raja Israel

¹⁰ Pada tahun ketiga puluh tujuh zaman pemerintahan Yoas, raja Yehuda, Yoas anak Yoahas menaiki takhta atas Israel di Samaria. Dia bertakhta selama enam belas tahun lamanya, ¹¹ dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Dia tidak menjauhkan diri daripada segala dosa Yerobeam anak Nebat yang menyebabkan orang Israel turut berdosa, melainkan hidup di dalamnya. ¹² Riwayat Yoas selebihnya, semua

yang dilakukannya, dan kejayaannya ketika dia berperang melawan Amazia, raja Yehuda, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ¹³ Lalu Yoas dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di Samaria, di permakaman raja Israel. Maka bertakhtalah pula Yerobeam menggantikan ayahnya.

Kejadian menjelang kematian Elisa dan keajaiban dalam makamnya

¹⁴ Ketika Elisa menderita sakit, yang kelak menyebabkan kematiannya, pergilah Yoas, raja Israel, mendapatkannya dan menangis di hadapannya, katanya, ‘Bapaku, bapaku! Rata Israel dengan pasukan berkudanya!’

¹⁵ Elisa berkata kepadanya, “Ambillah busur dan anak-anak panah,” lalu Yoas mengambil busur dan anak-anak panah. ¹⁶ Katanya lagi kepada raja Israel, “Tariklah busur itu.” Ketika Yoas menariknya, Elisa meletakkan tangannya di atas tangan raja. ¹⁷ Katanya, “Bukalah jendela sebelah timur,” lalu dia membukanya. Kata Elisa, “Panahlah,” lalu dia memanah. Kata Elisa, “Itu anak panah kemenangan daripada Tuhan, anak panah kemenangan atas Aram. Engkau akan

mengalahkan orang Aram di Afek sampai mereka habis.”

¹⁸ Elisa berkata lagi, “Ambillah anak-anak panah itu,” lalu dia mengambilnya. Katanya kepada raja Israel itu, “Pukulkanlah ke bumi,” lalu dia memukulkannya tiga kali, kemudian berhenti.

¹⁹ Tetapi hamba Allah itu marah kepadanya dan berkata, “Seharusnya engkau memukul lima atau enam kali. Dengan demikian engkau akan mengalahkan orang Aram sampai mereka habis. Jadi sekarang, engkau hanya akan mengalahkan orang Aram tiga kali sahaja.”

²⁰ Elisa pun meninggal lalu dimakamkan.

Pada awal tahun, gerombolan orang Moab sering memasuki negeri itu. ²¹ Suatu kali, ketika beberapa orang sedang menguburkan mayat, tiba-tiba mereka melihat gerombolan datang. Lalu mereka mencampakkan mayat itu ke dalam makam Elisa. Sebaik sahaja tersentuh tulang-tulang Elisa, orang itu pun hidup kembali dan bangun berdiri di atas kedua-dua kakinya.

Kemenangan Raja Yoas atas Aram

²² Hazael, raja Aram, menindas orang Israel sepanjang pemerintahan Yoahas. ²³ Tetapi Tuhan mengasihani dan menyayangi mereka. Dia berpaling kepada mereka kerana perjanjian-Nya dengan Abraham, Ishak, dan Yakub. Sampai saat

itu, Dia tidak berniat memusnahkan mereka atau membuang mereka dari hadirat-Nya.

²⁴ Lalu matilah Hazael, raja Aram. Maka Benhadad, anaknya, menaiki takhta menggantikannya. ²⁵ Kemudian Yoas anak Yoahas merebut kembali daripada tangan Benhadad anak Hazael kota-kota yang direbut Benhadad dalam peperangan daripada tangan Yoahas, ayah Yoas. Tiga kali Yoas mengalahkannya, dan dengan demikian dia mendapatkan kembali kota-kota Israel.

Amazia bertakhta di Yehuda

14 ¹ Pada tahun kedua zaman pemerintahan Yoas anak Yoahas, raja Israel, Amazia anak Yoas, raja Yehuda, menaiki takhta. ² Umurnya dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua puluh sembilan tahun. Nama ibunya ialah Yoadan, dari Yerusalem. ³ Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, tetapi tidak seperti Daud, leluhurnya. Diikutinya segala sesuatu yang dilakukan oleh Yoas, ayahnya. ⁴ Hanya, bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya. Rakyat masih mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan itu.

⁵ Sesudah kerajaan itu kukuh di tangannya, dia menghukum mati pegawai-pegawai yang

dahulu membunuh raja, iaitu ayahnya. ⁶ Tetapi anak-anak mereka tidak dijatuhkan hukum mati; hal itu sejalan dengan apa yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan melalui Musa. Di sana Tuhan memberikan perintah: “Seorang ayah tidak boleh dihukum mati kerana anaknya, dan anak tidak boleh dihukum mati kerana ayahnya. Hendaklah setiap orang dihukum mati atas dosanya sendiri.”

⁷ Dia menewaskan sepuluh ribu orang Edom di Lembah Garam dan merebut Sela dalam peperangan itu. Lalu dinamainya kota itu Yokteel; demikianlah nama kota itu sampai hari ini.

⁸ Suatu waktu Amazia mengirim beberapa orang utusan kepada Yoas anak Yoahas anak Yehu, raja Israel, dengan pesan, “Mari kita beradu tenaga.” ⁹ Tetapi Yoas, raja Israel, mengirim utusan kepada Amazia, raja Yehuda, “Duri di Lebanon mengirim pesan kepada pokok araz di Lebanon, ‘Berikanlah anak perempuanmu untuk menjadi isteri anakku.’ Akan tetapi, seekor binatang liar di Lebanon berlalu dan menginjak-injak duri itu. ¹⁰ Engkau memang telah mengalahkan orang Edom, dan kerana itu engkau menjadi bangga diri. Bermegahlah, tetapi tetaplah tinggal di istanamu! Apakah gunanya

menentang malapetaka sehingga engkau harus jatuh bersama-sama orang Yehuda?”

¹¹ Namun demikian, Amazia tidak mahu mendengarkannya. Oleh sebab itu majulah Yoas, raja Israel, untuk berhadapan dengan Amazia, raja Yehuda, di Bet-Semes di Tanah Yehuda. ¹² Orang Yehuda dikalahkan di hadapan orang Israel, sehingga mereka lari ke khemah masing-masing. ¹³ Yoas, raja Israel, menangkap Amazia, raja Yehuda, anak Yoas, anak Ahazia, di Bet-Semes dan membawanya ke Yerusalem. Dibongkarnya tembok Yerusalem dari Pintu Gerbang Efraim sampai ke Pintu Gerbang Sudut, sepanjang empat ratus hasta. ¹⁴ Diambilnya semua emas, perak, dan segala alat kelengkapan yang ada dalam Bait Tuhan serta dalam perbendaharaan istana raja, demikian pula para tawanan. Lalu pulanglah dia ke Samaria.

¹⁵ Riwayat Yoas selebihnya, apa yang dilakukannya, kejayaannya, dan bagaimana dia berperang melawan Amazia, raja Yehuda, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ¹⁶ Lalu Yoas dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di Samaria, di permakaman raja Israel. Maka Yerobeam, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

¹⁷ Amazia anak Yoas, raja Yehuda, masih hidup lima belas tahun selepas kematian Yoas anak

Yoahas, raja Israel. ¹⁸ Riwayat Amazia selebihnya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda?

¹⁹ Ada pihak yang bersekongkol untuk melawan dia di Yerusalem, sehingga dia lari ke Lakhis. Tetapi mereka mengerahkan orang untuk mengejar dia ke Lakhis, lalu membunuhnya di sana. ²⁰ Jenazahnya diangkut dengan kuda lalu dimakamkan di Yerusalem, di sisi nenek moyangnya di Kota Daud. ²¹ Maka seluruh rakyat Yehuda menobatkan Azarya yang berusia enam belas tahun itu menjadi raja menggantikan ayahnya, Amazia. ²² Sesudah raja dibaringkan bersama nenek moyangnya, dia membina Elat dan mengembalikannya kepada Yehuda.

Yerobeam anak Yoas, raja Israel

²³ Pada tahun kelima belas zaman pemerintahan Amazia anak Yoas, raja Yehuda, Yerobeam anak Yoas, raja Israel, menaiki takhta di Samaria. Dia bertakhta selama empat puluh satu tahun lamanya, ²⁴ dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Dia tidak menjauhkan diri daripada segala dosa Yerobeam anak Nebat yang menyebabkan orang Israel turut berdosa. ²⁵ Dikembalikannya daerah Israel dari jalan

masuk Hamat sampai ke Laut Araba, selaras dengan firman Tuhan, Allah Israel. Firman itu disampaikan Allah dengan perantaraan hamba-Nya, nabi Yunus anak Amitai dari Gat-Hefer, ²⁶ kerana Tuhan melihat betapa getirnya kesusahan orang Israel, baik orang kurungan mahupun orang yang merdeka, dan tidak ada penolong bagi Israel. ²⁷ Namun Tuhan tidak berfirman bahawa Dia akan menghapuskan nama Israel dari kolong langit, sebab itu Dia menyelamatkan mereka dengan perantaraan Yerobeam anak Yoas.

²⁸ Riwayat Yerobeam selebihnya, semua yang dilakukannya dan kejayaannya, bagaimana dia berperang dan bagaimana dia mengembalikan Damsyik dan Hamat-Yehuda kepada Israel, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel? ²⁹ Lalu Yerobeam dibaringkan bersama nenek moyangnya, raja-raja Israel. Maka Zakharia, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Azarya bertakhta di Yehuda

15 ¹ Pada tahun kedua puluh tujuh zaman pemerintahan Yerobeam, raja Israel, Azarya anak Amazia, raja Yehuda, menaiki takhta. ² Umurnya enam belas tahun ketika dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem

selama lima puluh dua tahun. Nama ibunya ialah Yekholya, dari Yerusalem.³ Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, seperti semua yang dilakukan Amazia, ayahnya.⁴ Hanya, bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya. Rakyat masih mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan itu.⁵ Tuhan mengazabkan raja sehingga dia sakit kusta sampai hari kematiannya dan tinggal di rumah yang berasingan. Maka Yotam, anaknya, mengetuai istana dan memerintah rakyat negeri itu.

⁶ Riwayat Azarya selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ⁷ Lalu Azarya dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Daud. Maka Yotam, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Zakharia bertakhta di Israel

⁸ Pada tahun ketiga puluh lapan zaman pemerintahan Azarya, raja Yehuda, Zakharia anak Yerobeam menaiki takhta atas Israel di Samaria. Dia bertakhta selama enam bulan,⁹ dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, seperti

yang telah dilakukan oleh nenek moyangnya. Dia tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa Yerobeam anak Nebat yang menyebabkan orang Israel turut berdosa. ¹⁰ Salum anak Yabesh bersekongkol melawannya lantas membunuhnya di depan orang ramai, lalu menaiki takhta menggantikannya.

¹¹ Riwayat Zakharia selebihnya, sesungguhnya semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel. ¹² Memang begitulah firman yang disampaikan Tuhan kepada Yehu: “Anak-anakmu akan duduk di atas takhta Israel sampai keturunan yang keempat.” Demikianlah yang terjadi.

Salum bertakhta di Israel

¹³ Salum anak Yabesh menaiki takhta pada tahun ketiga puluh sembilan zaman pemerintahan Uzia, raja Yehuda. Dia bertakhta selama sebulan di Samaria.

¹⁴ Kemudian Menahem anak Gadi maju dari Tirza hingga ke Samaria. Dia menyerang Salum anak Yabesh di Samaria, membunuhnya, lalu menaiki takhta menggantikannya. ¹⁵ Riwayat Salum selebihnya dan persekongkolan yang diadakannya, sesungguhnya semuanya tertulis

dalam kitab hikayat raja-raja Israel. ¹⁶ Pada waktu itu, bermula dari Tirza, Menahem menyerang Tifsa dan semua penduduknya juga daerahnya, kerana mereka tidak membukakan pintu kota baginya. Dia menyerang kota itu dan membelah perut semua perempuan yang mengandung.

Menahem bertakhta di Israel

¹⁷ Pada tahun ketiga puluh sembilan zaman pemerintahan Azarya, raja Yehuda, Menahem anak Gadi menaiki takhta atas Israel. Dia bertakhta selama sepuluh tahun di Samaria, ¹⁸ dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Sepanjang umurnya dia tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa Yerobeam anak Nebat, yang menyebabkan orang Israel turut berdosa. ¹⁹ Kemudian Pul, raja Asyur, datang menyerang negeri itu. Menahem memberikan kepadanya seribu talenta perak, supaya Pul membantu dia mengukuhkan kerajaan itu di tangannya. ²⁰ Wang yang dikeluarkan itu dibebankan Menahem atas orang Israel, iaitu atas semua orang yang kaya-raya. Setiap orang harus memberikan lima puluh syikal perak untuk selanjutnya diberikan kepada raja Asyur. Lalu pulanglah raja Asyur dan tidak lagi tinggal di negeri itu.

²¹ Riwayat Menahem yang selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya

tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel?

²² Lalu Menahem dibaringkan bersama nenek moyangnya. Maka anaknya, Pekahya, menaiki takhta menggantikannya.

Pekahya bertakhta di Israel

²³ Pada tahun kelima puluh zaman pemerintahan Azarya, raja Yehuda, Pekahya anak Menahem menaiki takhta atas Israel di Samaria. Dia bertakhta selama dua tahun, ²⁴ dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Dia tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa Yerobeam anak Nebat, yang menyebabkan orang Israel turut berdosa. ²⁵ Pekah anak Remalya, perwiranya, bersekongkol untuk melawannya dan membunuhnya berserta Argob dan Arye di Samaria, di puri istana raja. Bersamanya ada lima puluh orang daripada bani Gilead. Demikianlah dia membunuh Pekahya lalu menaiki takhta menggantikannya.

²⁶ Riwayat Pekahya selebihnya dan semua yang dilakukannya, sesungguhnya semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel.

Pekah bertakhta di Israel

²⁷ Pada tahun kelima puluh dua zaman pemerintahan Azarya, raja Yehuda, Pekah anak Remalya menaiki takhta atas Israel di Samaria.

Dia bertakhta selama dua puluh tahun, ²⁸ dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. Dia tidak menjauhkan diri daripada dosa-dosa Yerobeam anak Nebat, yang menyebabkan orang Israel turut berdosa.

²⁹ Pada zaman Pekah, raja Israel, datanglah Tiglat-Pileser, raja Asyur. Dia merebut Lyon, Abel-Bet-Maakha, Yanoah, Kedesh, Hazor, Gilead, dan Galilea, seluruh Tanah Naftali, lalu membuang penduduknya ke Asyur.

³⁰ Hosea anak Ela mengadakan persekongkolan melawan Pekah anak Remalya. Dia menyerang dan membunuhnya, lalu menaiki takhta menggantikannya pada tahun kedua puluh pemerintahan Yotam anak Uzia. ³¹ Riwayat Pekah selebihnya dan semua yang dilakukannya, sesungguhnya semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Israel.

Yotam bertakhta di Yehuda

³² Pada tahun kedua zaman pemerintahan Pekah anak Remalya, raja Israel, Yotam anak Uzia, raja Yehuda, menaiki takhta. ³³ Umurnya dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama enam belas tahun. Nama ibunya ialah Yerusa anak Zadok. ³⁴ Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, seperti semua yang dilakukan

Uzia, ayahnya.³⁵ Namun itu, bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya. Rakyat masih mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan itu. Dia membina Pintu Gerbang Atas di Bait Tuhan.

³⁶ Riwayat Yotam selebihnya, apa yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ³⁷ Pada zaman itu Tuhan mulai mengirim Rezin, raja Aram, dan Pekah anak Remalya menyerang Yehuda. ³⁸ Lalu Yotam dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Daud, leluhurnya. Maka Ahas, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Ahas bertakhta di Yehuda

16¹ Pada tahun ketujuh belas zaman pemerintahan Pekah anak Remalya, Ahas anak Yotam, raja Yehuda, menaiki takhta.² Ahas berumur dua puluh tahun ketika dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama enam belas tahun. Dia tidak melakukan apa yang benar di mata Tuhan, Allahnya, seperti yang dilakukan Daud, leluhurnya,³ melainkan hidup mengikuti jejak raja-raja Israel. Bahkan dia juga mempersembahkan anaknya sebagai

korban yang dibakar, sama dengan kekejian bangsa-bangsa yang telah dihalau Tuhan dari hadapan orang Israel. ⁴ Dia mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan, di atas tempat-tempat tinggi, dan di bawah setiap pokok yang rimbun.

⁵ Pada waktu itu majulah Rezin, raja Aram, dan Pekah anak Remalya, raja Israel, ke Yerusalem untuk berperang. Mereka mengepung Ahas, tetapi tidak dapat mengalahkannya. ⁶ Pada masa itu Rezin, raja Aram, mengembalikan Elat kepada Edom dan mengusir orang Yehuda dari Elat. Orang Edom datang ke Elat lalu tinggal di sana sampai hari ini. ⁷ Kemudian Ahas mengirim beberapa orang utusan kepada Tiglat-Pileser, raja Asyur, dengan pesan, “Aku ini hamba tuan dan anak tuan. Majulah dan selamatkanlah aku daripada tangan raja Aram dan daripada tangan raja Israel yang bangkit menyerang aku.”

⁸ Ahas mengambil perak dan emas yang terdapat dalam Bait Tuhan dan dalam perbendaharaan istana raja, lalu mengirimkannya sebagai persembahan kepada raja Asyur. ⁹ Raja Asyur pun mendengar permohonannya, lalu maju menyerang Damsyik. Dia merebut kota itu dan

membuang penduduknya ke Kir, manakala Rezin dibunuhnya.

¹⁰ Lalu pergilah pula Raja Ahas ke Damsyik untuk menemui Tiglat-Pileser, raja Asyur. Di situ dilihatnya sebuah mazbah, yang ada di Damsyik. Kemudian Raja Ahas mengirimkan kepada Imam Uria gambar mazbah itu, iaitu contohnya, dan juga cara pembuatan keseluruhannya. ¹¹ Maka Imam Uria membina sebuah mazbah menurut semua yang dikirim Raja Ahas dari Damsyik, dan menyelesaikan pembuatannya sebelum Raja Ahas datang dari Damsyik. ¹² Setibanya dari Damsyik, raja pun meninjau mazbah itu. Kemudian dihampirinya mazbah itu dan dipersembahkannya korban di atasnya. ¹³ Dibakarnya korban bakarannya dan juga persembahan bahan makanannya, dicurhkannya persembahan minumannya, serta dipercikkannya darah korban kedamaiannya pada mazbah itu. ¹⁴ Mazbah gangsa yang ada di hadapan Tuhan dipindahkannya dari depan Bait itu, iaitu dari antara mazbah buatannya dengan Bait Tuhan, lalu ditaruhnya di sisi utara mazbah buatannya. ¹⁵ Kemudian Raja Ahas memberikan perintah kepada Imam Uria, “Di atas mazbah yang besar itu bakarlah korban bakaran pagi dan

persembahan bahan makanan petang, korban bakaran dan persembahan bahan makanan raja, serta korban bakaran, persembahan bahan makanan, dan persembahan minuman seluruh rakyat negeri. Percikkanlah padanya semua darah korban bakaran dan semua darah korban sembelihan. Mazbah gangsa itu akan kugunakan untuk mencari petunjuk.”¹⁶ Imam Uria melakukan semua yang diperintahkan Raja Ahas.

¹⁷ Selanjutnya Raja Ahas memotong papan penutup wadah-wadah penopang dan menyingkirkan bejana pembasuhan dari atasnya. Dia juga menurunkan kolam dari atas lembu-lembu gangsa yang menopangnya, lalu menaruhnya di atas sebuah alas batu.¹⁸ Serambi tertutup untuk hari Sabat yang dibina dalam Bait itu serta pintu masuk untuk raja yang di sebelah luar, disingkirkannya dari Bait Tuhan demi raja Asyur.

¹⁹ Riwayat Ahas selebihnya, apa yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda?²⁰ Lalu Ahas dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota

Daud. Maka Hizkia, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikannya.

Hosea bertakhta di Israel

17 ¹ Pada tahun kedua belas zaman pemerintahan Ahas, raja Yehuda, Hosea anak Ela menaiki takhta atas Israel di Samaria. Dia bertakhta selama sembilan tahun, ² dan melakukan apa yang jahat di mata Tuhan walau tidak seperti raja-raja Israel yang mendahuluinya. ³ Kemudian Salmaneser, raja Asyur, maju menyerangnya. Hosea pun takluk kepadanya serta wajib membayar ufti. ⁴ Akan tetapi, raja Asyur mendapati adanya persekongkolan pada pihak Hosea, kerana Hosea telah mengirim beberapa orang utusan kepada So, raja Mesir, dan tidak lagi mempersembahkan ufti kepada raja Asyur seperti biasanya tahun demi tahun. Oleh sebab itu raja Asyur mengurung dan membelenggunya di dalam penjara.

⁵ Setelah itu, raja Asyur maju menjelajahi seluruh negeri itu, lalu menyerang Samaria dan mengepungnya selama tiga tahun. ⁶ Pada tahun kesembilan zaman pemerintahan Hosea, raja Asyur merebut Samaria. Dia membuang orang Israel ke Asyur lalu menyuruh mereka tinggal di Halah dan berdekatan dengan Habor, iaitu sungai di Gozan, serta di kota-kota orang Madai.

Runtuhnya kerajaan Israel

⁷ Hal itu terjadi kerana orang Israel berdosa terhadap Tuhan, Allah mereka, yang telah menuntun mereka keluar dari Tanah Mesir, daripada genggamannya Firaun, raja Mesir. Mereka menyembah tuhan-tuhan lain ⁸ dan hidup menurut kebiasaan bangsa-bangsa yang telah dihalau Tuhan dari hadapan orang Israel, serta menuruti kebiasaan yang dilakukan oleh raja-raja Israel. ⁹ Secara bersembunyi-sembunyi, orang Israel melakukan hal-hal yang tidak benar di mata Tuhan, Allah mereka. Mereka membina bukit-bukit pemujaan di semua kota mereka, dari menara tinjau sampai ke kota yang berkubu. ¹⁰ Mereka mendirikan tiang-tiang berhala dan patung-patung Asyera di atas setiap bukit yang tinggi, juga di bawah setiap pokok yang rimbun. ¹¹ Di sana, di atas segala bukit pemujaan, mereka membakar dupa, seperti yang dilakukan oleh bangsa-bangsa yang telah dibuang Tuhan dari hadapan mereka. Mereka melakukan hal-hal yang jahat, sehingga mereka membangkitkan murka Tuhan. ¹² Mereka beribadat kepada berhala-berhala, padahal Tuhan telah berfirman kepada mereka, “Jangan lakukan hal itu.”

¹³ Tuhan telah mengingatkan Israel dan Yehuda dengan perantaraan semua nabi dan pelihat, firman-Nya, “Berbaliklah daripada jalan hidupmu yang jahat itu dan berpeganglah teguh pada perintah-perintah serta ketetapan-ketetapan-Ku, selaras dengan hukum Taurat yang telah Kuperintahkan kepada nenek moyangmu dan yang telah Kusampaikan kepadamu dengan perantaraan hamba-hamba-Ku, para nabi.”

¹⁴ Namun demikian, mereka tidak mahu mendengar malahan mereka mengeraskan hati seperti nenek moyang mereka yang tidak percaya kepada Tuhan, Allah mereka. ¹⁵ Mereka menolak segala ketetapan-Nya dan perjanjian yang telah diikat-Nya dengan nenek moyang mereka, juga peraturan-peraturan yang telah disampaikan-Nya kepada mereka. Mereka mengejar kesia-siaan, sehingga mereka menjadi sia-sia. Mereka mengikuti bangsa-bangsa yang ada di sekeliling mereka, padahal Tuhan telah memerintah mereka supaya jangan berlaku seperti kalangan itu. ¹⁶ Mereka meninggalkan segala perintah Tuhan, Allah mereka, dan membuat patung tuangan berbentuk dua ekor anak lembu. Mereka membuat patung Asyera, sujud menyembah segala benda langit, dan beribadat kepada Baal.

¹⁷ Mereka mempersembahkan anak lelaki dan perempuan mereka sebagai korban yang dibakar. Mereka melakukan tenung dan nujum, serta menjual diri untuk melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, sehingga mereka membangkitkan murka-Nya. ¹⁸ Oleh sebab itu Tuhan sangat murka terhadap Israel, lalu membuang mereka daripada hadirat-Nya. Tidak ada yang tertinggal kecuali suku Yehuda.

¹⁹ Orang Yehuda pun tidak berpegang teguh pada perintah-perintah Tuhan, Allah mereka, melainkan hidup menurut kebiasaan yang dilakukan oleh Israel. ²⁰ Maka Tuhan menolak seluruh keturunan Israel. Dia menindas mereka dan menyerahkan mereka ke dalam tangan para penjarah, sampai Dia membuang mereka daripada hadirat-Nya.

²¹ Ketika Dia merenggut Israel daripada keluarga Daud, mereka mengangkat Yerobeam anak Nebat menjadi raja. Tetapi Yerobeam membuat orang Israel menyimpang dan tidak mengikuti Tuhan, serta menyebabkan mereka melakukan dosa yang besar. ²² Selanjutnya orang Israel hidup menurut segala dosa yang dilakukan Yerobeam dan tidak menjauhinya, ²³ sehingga Tuhan menjauhkan orang Israel daripada

hadirat-Nya, seperti yang difirmankan-Nya dengan perantaraan semua hamba-Nya, para nabi. Orang Israel dibuang dari tanah mereka ke Asyur, demikianlah sampai hari ini.

Orang Samaria

²⁴ Raja Asyur mengangkut orang dari Babel, dari Kuta, dari Awa, dari Hamat, dan dari Sefarwaim, lalu menyuruh mereka tinggal di kota-kota Samaria menggantikan orang Israel. Mereka itu pun menduduki Samaria dan tinggal di kota-kotanya. ²⁵ Ketika mereka mula-mula tinggal di sana, mereka tidak menyembah Tuhan. Oleh sebab itu Tuhan melepaskan singa-singa di tengah-tengah mereka sehingga terbunuh beberapa orang daripada mereka. ²⁶ Kemudian kepada raja Asyur dilaporkan demikian, “Bangsa-bangsa yang tuanku angkut dan tempatkan di kota-kota Samaria itu tidak mengetahui aturan beribadat kepada tuhan negeri itu. Oleh sebab itu Dia melepaskan singa-singa di tengah-tengah mereka. Ketahuilah, singa-singa itu membaham mereka, kerana mereka tidak mengetahui aturan beribadat kepada tuhan negeri itu.” ²⁷ Raja Asyur pun memerintahkan, “Suruhlah ke sana salah seorang imam yang telah kamu buang dari daerah itu. Dia harus pergi dan tinggal di sana untuk mengajar mereka aturan beribadat

kepada tuhan negeri itu.”²⁸ Maka datanglah seorang imam yang telah dibuang dari Samaria, lalu tinggal di Betel. Dia mengajar mereka cara seharusnya menyembah Tuhan.

²⁹ Akan tetapi, setiap bangsa di kota tempat tinggal mereka membuat tuhan sendiri dan menempatkannya di kuil-kuil di atas bukit pemujaan yang dibuat oleh orang Samaria.

³⁰ Orang Babel membuat patung Sukot-Benot, orang Kuta membuat patung Nergal, orang Hamat membuat patung berhala Asima,³¹ orang Awa membuat patung Nibhas dan Tartak, manakala orang Sefarwaim membakar anak mereka sebagai korban bagi Adramelekh dan Anamelekh, tuhan-tuhan orang Sefarwaim.

³² Di samping itu, mereka pun menyembah Tuhan dan mengangkat daripada kalangan mereka imam untuk bukit-bukit pemujaan, yang mempersembahkan korban bagi mereka dalam kuil di bukit-bukit pemujaan itu.³³ Jadi, mereka menyembah Tuhan, tetapi juga beribadat kepada berhala-berhala mereka, menurut kebiasaan bangsa-bangsa tempat asal mereka.

³⁴ Sampai hari ini mereka terus menjalankan kebiasaan-kebiasaan mereka yang terdahulu. Mereka tidak menyembah Tuhan dan tidak

mengikuti segala ketetapan, peraturan, hukum, atau perintah yang diberikan Tuhan kepada bani Yakub, yang Dia namakan 'Israel' itu.

³⁵ Dengan orang Israel Tuhan telah mengikat perjanjian serta memberikan perintah, "Jangan menyembah tuhan-tuhan lain. Jangan sujud, beribadat, ataupun mempersembahkan korban kepada tuhan-tuhan itu. ³⁶ Melainkan, kamu harus bertakwa kepada Tuhan sahaja, yang telah menuntun kamu keluar dari Tanah Mesir dengan kuasa yang besar dan dengan tangan yang terhulur. Kepada-Nyalah kamu harus sujud menyembah, dan kepada-Nyalah kamu harus mempersembahkan korban. ³⁷ Kesemua ketetapan, peraturan, hukum, dan perintah yang telah dituliskan-Nya bagimu, harus kamu pegang teguh dengan melakukannya sepanjang masa. Jangan menyembah tuhan-tuhan lain. ³⁸ Jangan lupakan perjanjian yang telah Kuikat dengan kamu, dan jangan kausembah tuhan-tuhan lain. ³⁹ Sebaliknya, kamu harus menyembah Tuhan, Allahmu. Dialah yang akan melepaskan kamu daripada tangan semua musuhmu."

⁴⁰ Meskipun begitu, bangsa-bangsa itu tidak mahu mendengar. Mereka terus menjalankan kebiasaan mereka yang terdahulu.

⁴¹ Jadi, mereka menyembah Tuhan, tetapi juga beribadat kepada patung-patung ukiran mereka, begitu jugalah anak cucu mereka. Sampai hari ini mereka melakukan apa yang dilakukan oleh nenek moyang mereka.

Hizkia bertakhta di Yehuda

18 ¹ Pada tahun ketiga zaman pemerintahan Hosea anak Ela, raja Israel, Hizkia anak Ahas, raja Yehuda, menaiki takhta. ² Umurnya dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua puluh sembilan tahun. Nama ibunya ialah Abia anak Zakharia. ³ Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, seperti semua yang dilakukan oleh Daud, leluhurnya. ⁴ Disingkirkannya bukit-bukit pemujaan, dihancurkannya tiang-tiang berhala, dan ditebangnya patung-patung Asyera. Dia pun menghancurkan ular gangsa yang dibuat oleh Musa, kerana sampai pada masa itu orang Israel masih membakar dupa bagi ular gangsa itu, yang dinamai Nehustan. ⁵ Hizkia meyakini Tuhan, Allah Israel. Tidak ada yang seperti dia antara semua raja Yehuda, sebelum ataupun sesudahnya. ⁶ Dia berpaut kepada Tuhan, tidak menyimpang melainkan terus mengikuti Dia,

serta berpegang teguh pada perintah-perintah yang diberikan Tuhan kepada Musa. ⁷ Maka Tuhan menyertainya. Ke mana-mana pun dia pergi, dia berjaya. Dia memberontak melawan raja Asyur dan tidak lagi tertakluk kepadanya.

⁸ Dialah yang mengalahkan orang Filistin sampai ke Gaza serta daerah-daerahnya, dari menara tinjau sampai ke kota yang berkubu.

⁹ Pada tahun keempat zaman pemerintahan Hizkia, iaitu tahun ketujuh zaman pemerintahan Hosea anak Ela, raja Israel, majulah Salmaneser, raja Asyur, menyerang Samaria dan mengepungnya. ¹⁰ Setelah tiga tahun berlalu, direbutnya kota itu. Jadi, Kota Samaria direbut pada tahun keenam zaman pemerintahan Hizkia, iaitu tahun kesembilan zaman pemerintahan Hosea, raja Israel. ¹¹ Raja Asyur membuang orang Israel ke Asyur dan menempatkan mereka di Halah serta di Habor, iaitu sungai di Gozan, serta di kota-kota orang Madai.

¹² Hal itu terjadi kerana mereka tidak mahu mematuhi Tuhan, Allah mereka. Sebaliknya, mereka melanggar perjanjian-Nya, iaitu segala sesuatu yang diperintahkan oleh Musa, hamba Tuhan itu. Mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu melakukannya.

Raja Sanherib mengepung Yerusalem

¹³ Pada tahun keempat belas pada zaman Raja Hizkia, majulah Sanherib, raja Asyur, menyerang semua kota berkubu di Yehuda, lalu menawaninya. ¹⁴ Kemudian Hizkia, raja Yehuda, mengutus orang menemui raja Asyur di Lakhis dengan pesan, “Hamba telah berbuat salah. Harap tuanku undur diri daripada hamba. Apa pun yang tuanku tanggungkan kepada hamba akan hamba pikul.” Maka raja Asyur menanggungkan kepada Hizkia, raja Yehuda, tiga ratus talenta perak dan tiga puluh talenta emas. ¹⁵ Hizkia memberinya semua perak yang ada di dalam Bait Tuhan serta di dalam perbendaharaan istana raja. ¹⁶ Pada waktu itu Hizkia, raja Yehuda, mengerat emas daripada pintu-pintu Bait Suci Tuhan serta dari tiang-tiang pintu yang telah disalutnya, lalu memberikannya kepada raja Asyur. ¹⁷ Kemudian raja Asyur mengutus Tartan, Rabsaris, dan Rabshakeh¹ disertai suatu pasukan yang besar dari Lakhis untuk menemui Raja Hizkia di Yerusalem. Mereka pun berangkat lalu sampai di Yerusalem. Setelah sampai, mereka mengambil tempat dekat saluran kolam atas,

¹**18:17** Ketiga-tiga nama ini juga membawa erti ‘panglima, ketua istana dan ketua perwira’ masing-masing.

iaitu di jalan raya menuju Padang Dobi. ¹⁸ Setelah mereka berseru memanggil raja, keluarlah Elyakim anak Hilkia, ketua istana, Sebna, jurutulis negara, dan Yoah anak Asaf, pencatat sejarah, untuk menemui mereka. ¹⁹ Rabshakeh^m berkata kepada mereka, “Katakanlah kepada Hizkia, ‘Beginilah titah raja agung, iaitu raja Asyur: Keyakinan seperti apakah yang kaupegang ini? ²⁰ Kau fikir perancangan rapi dan kekuatan untuk berperang memadai dengan kata-kata sahaja? Sekarang, siapakah yang kauandalkan sehingga engkau memberontak terhadap aku? ²¹ Ketahuilah, engkau berharap kepada Mesir, tongkat buluh yang patah terkulai itu. Mesir akan menusuk tembus tangan orang yang bertopang kepadanya. Demikianlah Firaun, raja Mesir itu, bagi semua orang yang mengandalkannya.

²² Tetapi jika engkau berkata kepadaku, “Kami mengandalkan Tuhan, Allah kami,” bukankah Dia itu yang bukit-bukit pemujaan-Nya dan mazbah-mazbah-Nya, telah disingkirkan oleh Hizkia sambil berkata kepada orang Yehuda dan Yerusalem, “Kamu harus sujud menyembah di depan mazbah di Yerusalem ini”? ²³ Maka sekarang, marilah bertaruh dengan tuanku, raja Asyur: Aku akan memberikan dua ribu ekor kuda

^m**18:19**Rabshakeh: Juga bererti ketua perwira.

kepadamu kalau engkau sanggup menyediakan penunggang-penunggangnya. ²⁴ Bagaimanakah mungkin engkau dapat menangkis hingga mundur seorang perwira biarpun daripada antara pegawai tuanku yang paling kecil, sedangkan engkau berharap kepada Mesir untuk rata dan pasukan berkuda? ²⁵ Tambahan pula, masakan aku maju di luar kehendak Tuhan untuk menyerang tempat ini dan memusnahkannya? Tuhan telah berfirman kepadaku: Majulah, seranglah negeri itu dan musnahkannya!’ ”

²⁶ Lalu Elyakim anak Hilkia, Sebna, dan Yoah berkata kepada Rabshakeh, “Harap tuan bercakap kepada hamba-hambamu ini dalam bahasa Aram kerana kami memahami bahasa itu. Janganlah tuan berkata-kata kepada kami dalam bahasa Ibrani, kerana rakyat yang berada di atas tembok itu dapat mendengarnya.”

²⁷ Tetapi kata Rabshakeh kepada mereka, “Adakah tuanku mengutus aku untuk menyampaikan kata-kata ini hanya kepada tuanmu dan kepadamu? Bukankah juga kepada orang yang duduk di atas tembok itu, yang akan makan tahi dan minum air kencing mereka sendiri bersama-sama kamu?”

²⁸ Kemudian Rabshakeh berdiri lalu berseru dengan suara nyaring dalam bahasa Ibrani. Katanya, “Dengarlah titah raja agung, iaitu

raja Asyur! ²⁹ Beginilah titah sang raja: Jangan biarkan Hizkia menipu kamu, kerana dia tidak sanggup melepaskan kamu daripada tanganku. ³⁰ Jangan biarkan Hizkia mengajak kamu berharap kepada Tuhan dengan berkata, 'Tuhan pasti melepaskan kita. Kota ini tidak akan diserahkan ke dalam tangan raja Asyur.'
³¹ Jangan dengarkan Hizkia, kerana beginilah titah raja Asyur: Adakanlah perjanjian damai denganku dan temuilah aku, maka setiap orang daripada kamu akan makan hasil pokok anggur dan pokok ara masing-masing serta minum air perigi masing-masing, ³² sampai aku datang dan membawa kamu ke sebuah negeri seperti negerimu, iaitu sebuah negeri yang mempunyai gandum dan air anggur, roti serta kebun anggur, minyak zaitun dan madu. Maka, kamu tidak akan mati melainkan hidup. Jangan dengarkan Hizkia apabila dia memperdayakan kamu dengan berkata, 'Tuhan akan melepaskan kita.'
³³ Pernahkah tuhan bangsa-bangsa melepaskan negeri masing-masing daripada tangan raja Asyur? ³⁴ Di manakah tuhan-tuhan negeri Hamat dan Arpad? Di manakah tuhan-tuhan negeri Sefarwaim, Hena, dan Iwa? Adakah mereka telah melepaskan Samaria daripada tanganku?
³⁵ Siapakah antara semua tuhan negeri-negeri itu yang telah melepaskan negerinya daripada

tanganku, sehingga Tuhan dapat melepaskan Yerusalem daripada tanganku?’ ”

³⁶ Tetapi rakyat berdiam diri sahaja dan tidak menjawabnya walau sepatah kata pun, kerana ada perintah raja yang berbunyi, “Jangan menjawab dia.” ³⁷ Lalu Elyakim anak Hilkia, ketua istana, Sebna, jurutulis negara, dan Yoah anak Asaf, pencatat sejarah, pergi menghadap Hizkia dengan pakaian yang dikoyakkan. Mereka menyampaikan perkataan Rabshakeh itu kepada raja.

Raja Hizkia meminta nasihat daripada Nabi Yesaya

19 ¹ Setelah Raja Hizkia mendengar hal itu, dia pun mengoyakkan pakaiannya, mengenakan kain kabung, lalu masuk ke Bait Tuhan. ² Kemudian dia mengutus Elyakim, ketua istana, Sebna, jurutulis negara, dan para tua-tua antara para imam untuk menemui Nabi Yesaya anak Amos dengan mengenakan kain perkabungan. ³ Kata mereka kepadanya, “Beginilah titah Hizkia, ‘Hari ini hari kesesakan, hukuman, dan kenistaan, kerana anak sudah hampir dilahirkan, tetapi kekuatan untuk melahirkannya tidak ada pula. ⁴ Mudah-mudahan Tuhan, Allahmu, mendengar semua yang

dikatakan Rabshakehⁿ, yang telah diutus oleh tuannya, raja Asyur, untuk mencela Allah yang hidup. Mudah-mudahan Tuhan, Allahmu, menjatuhkan hukuman selaras dengan kata-kata yang telah didengar-Nya. Oleh sebab itu, panjatkanlah doa bagi saki-baki orang yang masih ada.' ”

⁵ Setelah para pegawai Raja Hizkia menyampaikan pesan kepada Yesaya, ⁶ berkatalah Yesaya kepada mereka, “Beginilah harus kamu katakan kepada Tuanmu, ‘Beginilah firman Tuhan, “Jangan takut dengan kata-kata yang kaudengar itu, yang diucapkan oleh hamba-hamba raja Asyur untuk mengkufuri Aku. ⁷ Sesungguhnya, Aku akan menaruh suatu roh dalam dirinya, sehingga dia mendengar suatu khabar lalu pulang ke negerinya. Aku akan membuat dia tewas oleh pedang di negerinya sendiri.” ’

Ancaman lain daripada orang Asyur

⁸ Ketika Rabshakeh kembali, didapatinya raja Asyur sedang berperang melawan Libna, kerana dia memang telah mendengar bahawa raja sudah berangkat dari Lakhis. ⁹ Pada waktu itu raja menerima laporan tentang Tirhaka,

ⁿ19:4 Rabshakeh: Juga bererti ketua perwira.

raja Kush, demikian, “Ketahuilah, dia sedang mara untuk berperang dengan tuanku.” Lalu dikirimnya semula para utusan kepada Hizkia dengan pesan, ¹⁰ “Beginilah harus kamu katakan kepada Hizkia, raja Yehuda, ‘Jangan biarkan Allahmu yang kauandalkan itu menipu kamu dengan janji, “Yerusalem tidak akan diserahkan ke dalam tangan raja Asyur.” ¹¹ Sesungguhnya, engkau telah mendengar apa yang dilakukan oleh raja-raja Asyur terhadap semua negeri. Negeri-negeri itu telah ditumpaskan mereka sama sekali. Masakan engkau akan terlepas? ¹² Dapatkah tuhan-tuhan bangsa-bangsa yang dimusnahkan oleh nenek moyangku, yaitu bangsa Gozan, Haran, Rezef, dan bani Eden yang tinggal di Telasar melepaskan mereka? ¹³ Di manakah raja Hamat, raja Arpad, raja kota Sefarwaim, Hena, dan Iwa?’ ”

Doa Hizkia

¹⁴ Hizkia menerima surat itu daripada tangan para utusan lantas membacanya. Kemudian Hizkia pergi ke Bait Tuhan dan membentangkan surat itu di hadapan Tuhan. ¹⁵ Lalu berdoalah Hizkia kepada Tuhan, “Ya Tuhan, Allah Israel, yang bersemayam di atas malaikat-malaikat

kerubin! Hanya Engkaulah Allah atas segala kerajaan di bumi. Engkaulah yang menjadikan langit dan bumi. ¹⁶ Berikanlah perhatian, ya Tuhan, dan dengarlah. Sudilah, memandangi, ya Tuhan, dan lihatlah. Dengarlah kata-kata Sanherib yang telah dikirimnya untuk mencela Allah yang hidup. ¹⁷ Ya Tuhan, memang benar bahawa raja-raja Asyur telah memusnahkan bangsa-bangsa itu dan negeri mereka ¹⁸ dan mencampakkan tuhan mereka ke dalam api, kerana semua itu bukan Allah melainkan buatan tangan manusia, daripada kayu dan batu, sehingga dapat dibinasakan. ¹⁹ Sekarang ya Tuhan, Allah kami, selamatkanlah kami daripada tangannya, supaya semua kerajaan di bumi tahu bahawa hanya Engkaulah Allah, ya Tuhan.”

Pesan Yesaya kepada Raja Hizkia

²⁰ Kemudian Yesaya anak Amos menghantar seorang utusan kepada Hizkia untuk mengatakan, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Aku telah mendengar apa yang telah kaudoakan kepada-Ku tentang Sanherib, raja Asyur.’ ²¹ Inilah firman yang disampaikan Tuhan mengenai dia, ‘Anak dara, iaitu puteri Sion, menghina dan mengolok-olokkan engkau. Yerusalem menggeleng-gelengkan kepala di belakangmu.

²² Siapakah yang kaucela dan kaukufuri?
Terhadap siapakah engkau meninggikan suara
dan melayangkan pandang dengan sombong?
Terhadap Yang Maha Suci, Allah Israel!

²³ Dengan perantaraan para utusanmu
engkau telah mencela Tuhan
dan engkau berkata,
“Dengan rataku yang banyak aku naik ke
gunung-gunung yang tertinggi,
ke hujung-hujung Lebanon.
Aku menebang pokok-pokok araznya yang
tinggi,
pokok-pokok sanubarinya yang terpilih.
Aku telah memasuki tempat persinggahannya
yang terjauh
dan hutannya yang lebat.

²⁴ Aku telah menggali perigi di negeri asing
dan minum air di sana.
Dengan telapak kakiku kukeringkan semua anak
sungai di Mesir.”

²⁵ Belum pernahkah kaudengar,
bahawa Aku telah menetapkannya sejak
dahulukala,
dan menentukannya sejak zaman purbakala?
Sekarang Aku mewujudkannya,
bahawa engkau meruntuhkan kota-kota
berkubu sehingga menjadi timbunan
puing.

²⁶ Penduduknya yang tidak berdaya menjadi kecut hati dan malu.

Mereka menjadi seperti tumbuh-tumbuhan di padang,

seperti rumput muda yang hijau, seperti rumput di atas bumbung rumah, yang layu sebelum bertumbuh.

²⁷ Tetapi Aku tahu ketika engkau duduk, dan ketika engkau keluar masuk, dan amarahmu terhadap Aku.

²⁸ Kerana engkau marah kepada-Ku, dan kerana ketakburanmu telah sampai kepada pendengaran-Ku,

maka Aku akan memasang kelikir-Ku pada hidungmu

dan kekang-Ku pada mulutmu.

Aku akan mengembalikan engkau melalui jalan yang kautempuh ketika engkau datang.'

²⁹ Inilah tandanya bagimu, wahai Hizkia: Pada tahun ini kamu akan makan apa yang tumbuh dengan sendirinya, dan pada tahun kedua, apa yang tumbuh daripada tanaman tadi. Tetapi pada tahun ketiga, kamu harus menyemai, menuai, menanami kebun anggur, dan memakan buahnya. ³⁰ Kalangan yang terselamat daripada keturunan kaum Yehuda, iaitu orang yang tertinggal, akan berakar ke bawah dan berbuah lagi ke atas. ³¹ Kerana dari Yerusalem akan keluar

saki-baki kalangan itu, dan dari Gunung Sion orang yang terselamat. Semangat Tuhan alam semesta akan membuat hal ini terwujud.

³² Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan mengenai raja Asyur, 'Dia tidak akan masuk ke dalam kota ini dan tidak akan menembakkan anak panah di sini. Dia tidak akan maju menghampiri kota ini dengan perisai dan tidak akan menimbunkan tanggul pengepung terhadapnya. ³³ Dia akan kembali melalui jalan yang ditempuhnya ketika dia datang dan tidak akan masuk ke kota ini,' demikianlah firman Tuhan. ³⁴ 'Aku akan melindungi kota ini dan menyelamatkannya demi diri-Ku sendiri dan demi Daud, hamba-Ku.' "

Kekalahan Asyur dan tewasnya Sanherib

³⁵ Pada malam itu malaikat Tuhan keluar dan menewaskan 185,000 orang di perkhemahan Asyur. Apabila orang bangun pada pagi esoknya, didapati mayat-mayat belaka! ³⁶ Maka berangkatlah Sanherib, raja Asyur, berjalan pulang, lalu dia tinggal di Niniwe. ³⁷ Pada suatu hari, ketika dia sedang bersembahyang di dalam kuil Nisrokh, tuhannya, Adramelekh dan Sarezer, anak-anaknya, membunuhnya dengan pedang lalu mereka melarikan diri ke Tanah Ararat.

Maka Esarhadon, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Hizkia sakit dan disembuhkan

20¹ Pada waktu itu Hizkia jatuh sakit dan hampir mati. Datanglah Nabi Yesaya anak Amos menemuinya dan berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, ‘Uruskanlah rumah tanggamu, kerana engkau akan mati dan tidak akan sembuh lagi.’”

² Kemudian Hizkia memalingkan mukanya ke dinding dan berdoa kepada Tuhan, katanya, ³ “Ya Tuhan, semoga Engkau ingat betapa aku telah hidup di hadapan-Mu dengan setia dan tulus hati, serta melakukan apa yang baik di mata-Mu.” Lalu Hizkia menangis tersedu-sedu.

⁴ Yesaya belum keluar dari pelataran tengah ketika firman Tuhan datang kepadanya demikian, ⁵ “Kembalilah dan katakanlah kepada Hizkia, pemimpin umat-Ku, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah Daud, leluhurmu, “Telah Kudengar doamu dan telah Kulihat air matamu. Sesungguhnya, Aku akan menyembuhkan engkau. Pada hari ketiga engkau akan pergi ke Bait Tuhan. ⁶ Aku akan menambah umurmu lima belas tahun lagi. Aku pun akan melepaskan engkau dan kota ini daripada tangan raja Asyur. Aku akan melindungi

kota ini demi diri-Ku sendiri dan demi Daud, hamba-Ku.” ’

⁷ Lalu berkatalah Yesaya, “Ambillah ramasan buah ara.” Kemudian orang mengambilnya dan menaruhnya pada bisul Hizkia itu, maka dia pun sembuh. ⁸ Sebelumnya Hizkia bertanya kepada Yesaya, “Apakah tandanya bahawa Tuhan akan menyembuhkan aku dan bahawa aku akan pergi ke Bait Tuhan pada hari ketiga?”

⁹ Jawab Yesaya, “Inilah tanda bagimu daripada Tuhan, bahawa Tuhan akan melaksanakan firman yang telah disampaikan-Nya itu. Yang mana kaukehendaki: Bayang-bayang itu maju sepuluh tapak atau mundur sepuluh tapak?”

¹⁰ Jawab Hizkia, “Tentunya mudah bagi bayang-bayang itu memanjang sepuluh tapak. Kalau begitu, biarlah bayang-bayang itu mundur ke belakang sepuluh tapak.”

¹¹ Maka Nabi Yesaya pun berseru kepada Tuhan, dan Dia memundurkan bayang-bayang penanda yang jatuh pada penunjuk matahari buatan Ahas, sepuluh tapak ke belakang.

Raja Hizkia dan para utusan dari Babel

¹² Pada waktu itu, Merodakh-Baladan anak Baladan, raja Babel, mengirim surat serta pemberian kepada Hizkia, kerana dia mendengar bahawa Hizkia sakit. ¹³ Hizkia bergembira atas

kedatangan mereka. Diperlihatkannya kepada mereka seluruh gedung harta bendanya, perak dan emas, rempah-ratus dan minyak yang berharga, seluruh gedung persenjataannya dan segala sesuatu yang terdapat dalam perbendaharaannya. Tidak ada barang dalam istana dan seluruh daerah kekuasaannya yang tidak diperlihatkan kepada mereka oleh Hizkia.¹⁴ Setelah itu, Nabi Yesaya datang menghadap Raja Hizkia dan bertanya kepadanya, “Apakah yang dikatakan orang itu? Dari manakah mereka datang?”

Jawab Hizkia, “Mereka datang dari negeri yang jauh, dari Babel.”

¹⁵ Tanya Yesaya lagi, “Apakah yang dilihat mereka di dalam istanamu?”

Jawab Hizkia, “Segala sesuatu yang ada dalam istanaku telah mereka lihat. Tidak ada barang dalam perbendaharaanku yang tidak kuperlihatkan kepada mereka.”

¹⁶ Lalu kata Yesaya kepada Hizkia, “Dengarlah firman Tuhan, ¹⁷ ‘Sesungguhnya, akan datang harinya apabila segala sesuatu yang ada dalam istanamu dan yang disimpan oleh nenek moyangmu sampai hari ini akan diangkut ke Babel. Tidak ada barang yang akan ditinggalkan,’

demikianlah firman Tuhan. ¹⁸ Selain itu, daripada kalangan anak yang akan dilahirkan bagimu, iaitu keturunanmu, beberapa orang akan diambil untuk menjadi para sida di istana raja Babel.”

¹⁹ Kata Hizkia kepada Yesaya, “Firman Tuhan yang kausampaikan itu baik.” Kerana fikirnya, “Bukankah itu bererti ada kedamaian dan keamanan pada zamanku?”

²⁰ Riwayat Hizkia yang selebihnya, segala kejayaannya, dan bagaimana dia membuat kolam serta saluran air dan mengalirkan air ke dalam kota, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ²¹ Lalu Hizkia dibaringkan bersama nenek moyangnya. Maka Manasye, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Manasye bertakhta di Yehuda

21 ¹ Manasye berumur dua belas tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama lima puluh lima tahun di Yerusalem. Nama ibunya ialah Hefzibah.

² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, mengikuti kekejian bangsa-bangsa yang telah dihalau Tuhan dari hadapan orang Israel. ³ Dia membina kembali bukit-bukit pemujaan yang

sudah dimusnahkan oleh Hizkia, ayahnya, lalu didirikannya pelbagai mazbah iaitu tempat pembakaran korban bagi Baal serta dibuatnya patung Asyera seperti yang dilakukan Ahab, raja Israel. Dia sujud menyembah segala benda langit dan beribadat kepadanya. ⁴ Dia juga membina pelbagai mazbah di dalam Bait Tuhan, padahal Tuhan telah berfirman, “Di Yerusalem akan Kutegakkan nama-Ku.” ⁵ Di dua pelataran Bait Tuhan, dia membina mazbah-mazbah bagi segala benda langit. ⁶ Dia mempersembahkan anaknya pula sebagai korban yang dibakar, dan mengamalkan kegiatan ramal, nujum, serta menghubungi pemanggil arwah dan ahli sihir. Banyak kejahatan dilakukannya di mata Tuhan, sehingga dia membangkitkan murka-Nya. ⁷ Dia menempatkan patung ukiran Asyera yang telah dibuatnya di dalam Bait, padahal Tuhan telah berfirman kepada Daud dan kepada Salomo, anaknya, “Di dalam Bait ini dan di Yerusalem, yang telah Kupilih daripada kalangan semua suku Israel, Aku akan menegakkan nama-Ku untuk selama-lamanya. ⁸ Aku tidak akan membiarkan kaki orang Israel berganjak lagi dari tanah yang telah Kukurniakan kepada nenek moyang mereka, asal sahaja mereka tetap melakukan

segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepada mereka dan segala hukum yang telah diperintahkan kepada mereka oleh hamba-Ku Musa.”⁹ Akan tetapi, mereka tidak mematuhi segala perintah-Nya itu manakala Manasye pula menyesatkan mereka sehingga mereka melakukan apa yang jahat, lebih daripada bangsa-bangsa yang telah dipunahkan Tuhan dari hadapan orang Israel.

¹⁰ Kemudian dengan perantaraan hamba-hamba-Nya, para nabi, Tuhan berfirman, ¹¹ “Kerana Manasye, raja Yehuda, telah melakukan pelbagai kekejian ini, melebihi segala kejahatan yang dilakukan orang Amori sebelumnya, dan telah menyebabkan orang Yehuda turut berdosa dengan segala berhala mereka, ¹² maka beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka atas Yerusalem dan Yehuda, sehingga akan berdengung kedua-dua telinga sesiapa sahaja yang mendengarnya. ¹³ Aku akan merentangkan atas Yerusalem tali pengukur yang digunakan terhadap Samaria dan tali ladung yang digunakan terhadap keluarga Ahab. Aku akan mencucikan Yerusalem sebagaimana orang menggosok pinggan, iaitu menggosok sambil membalikkannya hingga menonggeng. ¹⁴ Aku akan membuang sisa harta pusaka-Ku

dan menyerahkan mereka ke dalam tangan para musuh mereka, sehingga mereka menjadi rampasan dan jarahan bagi semua musuh mereka, ¹⁵ kerana mereka telah melakukan segala kemungkaran di mata-Ku dan telah membangkitkan murka-Ku, sejak hari nenek moyang mereka keluar dari Mesir sampai hari ini.”

¹⁶ Apatah lagi, Manasye menumpahkan banyak sekali darah orang yang tidak bersalah, sehingga Yerusalem dipenuhi darah dari hujung ke hujung, belum termasuk dosanya yang menyebabkan orang Yehuda turut berdosa sehingga mereka melakukan apa yang jahat di mata Tuhan.

¹⁷ Riwayat Manasye yang selebihnya, semua yang dilakukannya, dan dosa yang diperbuatnya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ¹⁸ Lalu Manasye dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di taman istananya, iaitu di taman Uza. Maka Amon, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Amon, Raja Yehuda

¹⁹ Amon berumur dua puluh dua tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua tahun. Nama ibunya ialah Mesulemet anak Harus, dari Yotba. ²⁰ Dia

melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti yang dilakukan oleh Manasye, ayahnya. ²¹ Segala jalan yang ditempuh ayahnya diturutinya. Dia beribadat kepada berhala-berhala yang disembah ayahnya dan sujud menyembah semua itu. ²² Dia meninggalkan Tuhan, Allah nenek moyangnya, dan tidak hidup menurut jalan Tuhan.

²³ Maka para pegawai Amon bersekongkol melawannya dan membunuh raja di istananya. ²⁴ Tetapi rakyat negeri itu membunuh semua orang yang bersekongkol melawan Raja Amon. Lalu rakyat negeri itu menobatkan Yosia, anaknya, menjadi raja menggantikannya.

²⁵ Riwayat Amon selebihnya, apa yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ²⁶ Lalu dia dimakamkan dalam makamnya di taman Uza. Maka Yosia, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Yosia bertakhta di Yehuda

22 ¹ Yosia berumur lapan tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama tiga puluh satu tahun di Yerusalem. Nama ibunya ialah Yedida anak Adaya, dari Bozkat. ² Dia

melakukan apa yang benar di mata Tuhan dan hidup mengikuti segala jejak Daud, leluhurnya, tanpa menyimpang ke kanan ataupun ke kiri.

³ Pada tahun kelapan belas zaman pemerintahannya, Raja Yosia menyuruh jurutulis Safan anak Azalya anak Mesulam pergi ke Bait Tuhan, katanya, ⁴ “Temuilah Imam Besar Hilkia. Suruhlah dia menjumlahkan wang yang telah dibawa masuk ke dalam Bait Tuhan, iaitu wang yang telah dikumpulkan daripada rakyat oleh para penjaga pintu. ⁵ Wang itu kemudian hendaklah diserahkan kepada para pekerja yang ditugaskan untuk mengawasi Bait Tuhan, supaya mereka menyampaikannya kepada para tukang yang bekerja memperbaiki kerosakan di Bait Tuhan, ⁶ iaitu tukang kayu, tukang binaan, dan tukang tembok, dan juga untuk membeli kayu serta batu pahat untuk memperbaiki Bait itu. ⁷ Tidak usah diadakan perhitungan dengan para pengawas mengenai wang yang diserahkan kepada mereka, kerana mereka bekerja dengan jujur.”

Hilkia menemui semula kitab suci Taurat

⁸ Imam Besar Hilkia berkata kepada jurutulis Safan, “Aku menemui semula Kitab Suci Taurat di

dalam Bait Tuhan.” Hilkia menyerahkan kitab itu kepada Safan lalu Safan membacanya.⁹ Setelah itu, jurutulis Safan pergi menghadap raja dan menyampaikan khabar itu kepada raja, katanya, “Hamba-hambamu ini telah mengosongkan wang yang ada di Bait dan menyerahkannya kepada para pekerja yang diangkat untuk mengawasi Bait Tuhan.”¹⁰ Seterusnya jurutulis Safan memberitahu raja, “Imam Hilkia telah menyerahkan sebuah kitab kepada hamba.” Lalu Safan membacakannya di hadapan raja.

¹¹ Apabila raja mendengar perkataan Kitab Suci Taurat itu, dia pun mengoyakkan pakaiannya.

¹² Lalu raja memberikan perintah kepada Imam Hilkia, Ahikam anak Safan, Akhbor anak Mikha, jurutulis Safan, dan Asaya, pegawai raja, demikian,¹³ “Pergilah, carilah petunjuk Tuhan bagiku, bagi rakyat, dan bagi semua orang Yehuda tentang perkataan kitab yang ditemukan ini. Besarlah murka Tuhan yang menyala-nyala terhadap kita, kerana para bapa kita tidak mendengar perkataan kitab ini dan tidak berbuat selaras dengan semua yang tertulis di dalamnya mengenai kita.”

¹⁴ Lalu pergilah Imam Hilkia, Ahikam, Akhbor, Safan, dan Asaya kepada nabiah Hulda, isteri Salum anak Tikwa anak Harhas, pengurus pakaian ibadat. Nabiah itu tinggal

di Yerusalem, di perkampungan baru. Mereka pun berbicara dengannya. ¹⁵ Kata perempuan itu kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Katakanlah kepada orang yang mengutus kamu kepadaku, ¹⁶ ‘Beginilah firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka atas tempat ini dan atas penduduknya, seperti dicatat dalam kitab yang telah dibaca oleh raja Yehuda, ¹⁷ sebab mereka telah meninggalkan Aku dan telah membakar dupa kepada tuhan-tuhan lain untuk membangkitkan murka-Ku dengan segala perbuatan tangan mereka. Itulah sebabnya murka-Ku menyala-nyala terhadap tempat ini dan tidak akan padam.” ’ ¹⁸ Tetapi kepada raja Yehuda yang mengutus kamu untuk mencari petunjuk Tuhan, beginilah harus kamu katakan kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, “Mengenai perkataan yang telah kaudengar itu, ¹⁹ kerana hatimu bersedih dan engkau merendahkan diri di hadapan Tuhan ketika engkau mendengar apa yang Kufirmankan mengenai tempat ini dan mengenai penduduknya, bahawa mereka akan menjadi suatu kengerian dan kutukan, dan kerana engkau mengoyakkan pakaianmu serta menangis di hadapan-Ku, maka Aku mendengar engkau, demikianlah firman Tuhan. ²⁰ Sesungguhnya, Aku akan mengumpulkan

engkau dengan nenek moyangmu dan engkau akan dikebumikan di dalam kuburmu dengan sejahtera. Matamu tidak akan melihat semua malapetaka yang akan Kudatangkan atas tempat ini.” ’

Lalu mereka menyampaikan kata-kata itu kepada raja.

Pembaharuan yang dilaksanakan oleh Raja Yosia

23 ¹ Sesudah itu raja menyuruh semua tua-tua Yehuda dan Yerusalem berkumpul menghadapnya. ² Maka pergilah raja ke Bait Tuhan bersama-sama semua orang Yehuda, seluruh penduduk Yerusalem, imam, nabi, dan seluruh rakyat, dari yang kecil sampai yang besar. Dibacakannya semua kata dalam kitab perjanjian yang ditemukan di Bait Tuhan itu, sementara mereka mendengarkannya. ³ Kemudian raja berdiri dekat tiang. Diikatnya perjanjian di hadapan Tuhan untuk hidup mengikuti Tuhan dan berpegang teguh pada segala perintah-Nya, peraturan-Nya, serta ketetapan-Nya dengan segenap hati dan jiwa, juga untuk melaksanakan kata-kata perjanjian yang tertulis dalam kitab itu. Seluruh rakyat pun turut serta dalam perjanjian itu.

⁴ Raja memberikan perintah kepada Imam Besar Hilkia, kepada para imam tingkat dua, dan kepada para penjaga pintu untuk mengeluarkan dari dalam Bait Suci Tuhan semua perkakas yang telah dibuat bagi Baal, bagi Asyera, dan bagi segala benda langit. Kemudian dibakarnya semua itu di luar Yerusalem, di padang-padang Kidron, dan abunya diangkut ke Betel. ⁵ Raja memecat para imam bagi penyembahan berhala yang telah dilantik oleh raja-raja Yehuda untuk membakar dupa di bukit-bukit pemujaan, di kota-kota Yehuda, dan di sekitar Yerusalem, demikian juga orang yang ditugaskan untuk membakar dupa kepada Baal, kepada matahari, kepada bulan, kepada rasi-rasi bintang, dan kepada segala benda langit. ⁶ Diangkutnya patung Asyera dari Bait Tuhan ke luar Yerusalem, ke Sungai Kidron, lalu dibakarnya di tepi Sungai Kidron. Setelah itu, ditumbuknya menjadi debu, dan dicampakkannya debu itu ke atas kuburan rakyat jelata. ⁷ Dia merobohkan pula ruangan khusus bagi kaum pelacur lelaki kuil yang ada di Bait Tuhan, di mana kaum wanita menenun kain tabir bagi Asyera. ⁸ Semua imam dari kota-kota Yehuda disuruhnya datang, lalu dia menajiskan bukit-bukit pemujaan, tempat para imam itu

membakar dupa, dari Geba sampai ke Bersyeba. Dirobokkannya bukit-bukit pemujaan dekat pintu-pintu gerbang di depan Pintu Gerbang Yosua, pembesar kota itu, yang berada di sebelah kiri kalau orang memasuki pintu gerbang kota itu. ⁹ Tetapi imam bukit-bukit pemujaan itu tidak boleh mendekati mazbah atau tempat pembakaran korban Tuhan di Yerusalem. Mereka hanya boleh makan roti yang tidak beragi di tengah-tengah saudara mereka.

¹⁰ Dia juga menajiskan Tofet, yang terletak di Lembah Ben-Hinom, supaya jangan orang mempersembahkan baik anak lelaki atau anak perempuan sebagai korban yang dibakar bagi Molokh. ¹¹ Disingkirkannya segala kuda rata yang dipersembahkan kepada matahari oleh raja-raja Yehuda di pintu masuk Bait Tuhan, dekat bilik Natan-Melekh, pegawai istana yang tinggal di astaka. Segala kuda rata matahari itu turut dibakarnya dengan api. ¹² Raja pun merobokkan mazbah-mazbah di atas bumbung bilik atas Ahas, yang dibuat oleh raja-raja Yehuda, dan juga tempat-tempat pembakaran korban yang dibuat oleh Manasye di kedua-dua laman dalaman Bait Tuhan. Disingkirkannya semua

23:10 a: Yer 7:31; 19:1-6; 32:35; **b:** Im 18:21.

23:12: 2Raj 21:5; 2Taw 33:5.

itu dari sana lalu dicampakkannya debunya ke Sungai Kidron. ¹³ Raja pun menajiskan bukit-bukit pemujaan yang terletak di sebelah timur Yerusalem, di sebelah selatan Bukit Kehancuran yang dahulunya dibina oleh Salomo, raja Israel, untuk Asytoret, dewi kejiikan sembahan orang Sidon; untuk Kamos, dewa kejiikan sembahan orang Moab; dan untuk Milkom, dewa kejiikan sembahan bani Amon. ¹⁴ Dihancurkannya tiang-tiang berhala dan ditebangnya patung-patung Asyera, lalu dipenuhinya tempat-tempat itu dengan tulang-tulang manusia.

¹⁵ Bahkan mazbah-mazbah di Betel, iaitu bukit pemujaan yang dibuat oleh Yerobeam anak Nebat sehingga orang Israel turut berdosa, dirobokkannya juga. Dibakarnya bukit pemujaan itu, ditumbuknya menjadi debu, lalu dibakarnya juga patung-patung Asyera. ¹⁶ Kemudian Yosia berpaling. Dilihatnya ada kuburan di sana, di gunung itu. Maka disuruhnya orang untuk mengambil tulang-tulang daripada kuburan itu, membakarnya di atas mazbah, dan menajiskannya. Hal ini selaras dengan firman Tuhan yang pernah diserukan oleh seorang

hamba Allah. ¹⁷ Kemudian dia bertanya, “Tugu apakah yang kulihat ini?”

Jawab orang kota itu kepadanya, “Itu makam hamba Allah yang datang dari Yehuda. Dialah yang meramalkan hal-hal yang tuanku lakukan atas mazbah Betel ini.”

¹⁸ Katanya, “Biarkanlah itu. Jangan ada orang yang memindahkan tulang-tulangnya.”

Jadi, mereka membiarkan tulang-tulangnya dan tulang-tulang nabi yang telah datang dari Samaria itu.

¹⁹ Yosia juga menyingkirkan semua kuil di bukit-bukit pemujaan di kota-kota Samaria, yang dibuat oleh raja-raja Israel untuk membangkitkan murka Tuhan. Diperlakukannya kuil-kuil itu sama seperti yang dilakukannya di Betel. ²⁰ Di atas mazbah-mazbah itu dibantainya semua imam bukit-bukit pemujaan yang ada di situ, lalu dibakarnya tulang-tulang manusia di atasnya. Setelah itu, kembalilah dia ke Yerusalem.

²¹ Lalu raja memberikan perintah kepada seluruh rakyat, “Rayakanlah Paskah bagi Tuhan, Allahmu, seperti yang tertulis dalam kitab perjanjian ini.” ²² Paskah seperti itu memang belum pernah dirayakan sejak zaman hakim-hakim yang memerintah Israel serta

sepanjang zaman raja-raja Israel dan raja-raja Yehuda. ²³ Baru pada tahun kelapan belas zaman Raja Yosia, Paskah itu dirayakan bagi Tuhan di Yerusalem.

²⁴ Selain itu, Yosia juga menyingkirkan para pemanggil arwah, para ahli sihir, terafim^o, berhala-berhala, dan segala dewa kejiwaan yang kelihatan di Tanah Yehuda serta di Yerusalem. Hal itu dilakukannya demi melaksanakan perkataan hukum Taurat yang tertulis dalam kitab yang ditemukan di Bait Tuhan oleh Imam Hilkia.

²⁵ Sebelum Yosia tidak ada raja sepertinya, yang berbalik kepada Tuhan dengan segenap hatinya, dengan segenap jiwanya, dan dengan segenap kekuatannya, selaras dengan seluruh Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa. Sesudahnya juga tidak pernah tampil seorang pun sepertinya.

²⁶ Meskipun begitu, Tuhan tidak juga berpaling daripada murka-Nya yang besar, iaitu murka yang menyala-nyala terhadap Yehuda akibat segala kelakuan Manasye yang menimbulkan sakit hati-Nya. ²⁷ Tuhan berfirman, "Aku pun akan menyingkirkan Yehuda dari hadirat-Ku seperti Aku menyingkirkan Israel. Aku akan membuang

^o**23:24** Dlm bhs Ibrani, 'terafim' bererti berhala yang disembah sebagai pelindung rumah tangga. Kemudian terafim itu disingkirkan oleh Yakub (lihat Kej. 35:2-4).

kota yang Kupilih ini, iaitu Yerusalem, dan Bait ini, meskipun Aku telah berfirman, 'Nama-Ku akan tinggal di sana.' ”

²⁸ Riwayat Yosia yang selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ²⁹ Pada zamannya, Firaun Nekho, raja Mesir, maju melawan raja Asyur di tepi Sungai Efrat. Raja Yosia pun berangkat menghadapinya, tetapi Firaun membunuhnya di Megido sebaik sahaja dia melihatnya. ³⁰ Para pegawainya mengangkut mayatnya dengan rata dari Megido dan membawanya ke Yerusalem. Dia dikuburkan di dalam kuburnya sendiri.

Lalu rakyat negeri itu mengangkat Yoahas anak Yosia, mentahbiskan dia dan menobatkan dia sebagai raja untuk menggantikan ayahnya.

Yoahas bertakhta di Yehuda

³¹ Yoahas berumur dua puluh tiga tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama tiga bulan. Nama ibunya ialah Hamutal anak Yeremia, dari Libna. ³² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti semua yang dilakukan oleh nenek moyangnya. ³³ Kemudian Firaun Nekho membelenggunya di Ribla, di Tanah Hamat, supaya jangan lagi dia bertakhta di Yerusalem. Atas negeri itu Firaun

membebankan denda seratus talenta perak dan satu talenta emas.³⁴ Setelah itu, Firaun Nekho menobatkan Elyakim anak Yosia sebagai raja menggantikan Yosia, ayahnya, dan mengubah nama Elyakim kepada Yoyakim, manakala Yoahas diambilnya, dibawanya ke Mesir, dan mati di sana.

³⁵ Yoyakim menyerahkan perak dan emas kepada Firaun, tetapi dia mengenakan cukai atas negeri itu supaya dapat menyerahkan wang selaras dengan perintah Firaun. Dipungutnya perak dan emas itu daripada rakyat negeri, masing-masing menurut ketetapan kadar cukainya, untuk kemudian diserahkan kepada Firaun Nekho.

Yoyakim bertakhta di Yehuda

³⁶ Yoyakim berumur dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama sebelas tahun. Nama ibunya ialah Zebuda anak Pedaya, dari Ruma.³⁷ Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti semua yang dilakukan oleh nenek moyangnya.

24 ¹ Pada zaman pemerintahan Yoyakim, majulah Nebukadnezar, raja Babel. Tiga tahun lamanya Yoyakim menjadi taklukannya, tetapi kemudian dia berbalik dan memberontak melawan Nebukadnezar. ² Kemudian Tuhan mengirim pelbagai gerombolan iaitu daripada orang Kasdim, orang Aram, orang Moab, dan daripada bani Amon untuk mendatangi Yehuda untuk membinasakan negeri itu, selaras dengan firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan para hamba-Nya, para nabi.

³ Sesungguhnya, hal itu terjadi kepada Yehuda, selaras dengan firman Tuhan, agar mereka tersingkir dari hadapan-Nya kerana dosa-dosa Manasye dan semua yang dilakukannya, ⁴ termasuk darah orang tidak bersalah yang ditumpahkannya. Manasye memang telah memenuhi Yerusalem dengan darah orang yang tidak bersalah, dan Tuhan tidak mahu mengampuninya.

⁵ Riwayat Yoyakim yang selebihnya dan semua yang dilakukannya, bukankah semuanya tertulis dalam kitab hikayat raja-raja Yehuda? ⁶ Lalu Yoyakim dibaringkan bersama nenek moyangnya. Maka Yoyakhin, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

⁷ Raja Mesir tidak lagi keluar berperang dari negerinya, kerana raja Babel telah merebut semua daerah termasuk wilayah raja Mesir, dari Wadi Mesir sampai ke Sungai Efrat.

Yoyakhin bertakhta di Yehuda

⁸ Yoyakhin berumur lapan belas tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama tiga bulan. Nama ibunya ialah Nehusta anak Elnatan, dari Yerusalem. ⁹ Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti yang dilakukan oleh ayahnya.

¹⁰ Pada waktu itu para pegawai Nebukadnezar, raja Babel, maju ke Yerusalem dan mengepung kota itu. ¹¹ Nebukadnezar, raja Babel sendiri, juga datang ke kota itu sementara pegawainya mengepung kota itu. ¹² Maka Yoyakhin, raja Yehuda, bersama ibunya, pegawainya, pembesarnya, dan pegawai istananya keluar menyerahkan diri kepada raja Babel. Pada tahun kelapan zaman pemerintahannya, raja Babel menawan Yoyakhin. ¹³ Seperti yang telah difirmankan Tuhan, Nebukadnezar mengeluarkan dari sana semua perbendaharaan Bait Tuhan dan perbendaharaan istana raja, lalu mengerat segala perkakas emas Bait Suci Tuhan yang dibuat oleh

Salomo, raja Israel. ¹⁴ Dia membuang seluruh penduduk Yerusalem, semua panglima, dan semua kesateria yang gagah perkasa, juga semua tukang dan pandai besi – sepuluh ribu orang jumlahnya. Tidak ada yang ditinggalkan, kecuali orang miskin dalam kalangan rakyat negeri itu.

¹⁵ Yoyakhin berserta bonda raja, para isteri raja, para pegawai istananya, dan para penguasa di negeri itu dibuangnya ke Babel. Diangkutnya mereka dari Yerusalem ke Babel sebagai kumpulan orang buangan. ¹⁶ Semua orang yang gagah perkasa seramai tujuh ribu orang, para tukang dan pandai besi seramai seribu orang, dan semua kesateria yang siap tempur, diangkut oleh raja Babel sebagai orang buangan ke Babel.

¹⁷ Kemudian raja Babel menobatkan Matanya, bapa saudara Yoyakhin, sebagai raja menggantikannya dan mengubah namanya kepada Zedekia.

Zedekia bertakhta di Yehuda

¹⁸ Zedekia berumur dua puluh satu tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama sebelas tahun. Nama ibunya ialah Hamutal anak Yeremia, dari Libna. ¹⁹ Dia

24:15: Yeh 17:12. **24:17:** Yer 37:1; Yeh 17:13.

24:18: Yer 27:1-22; 28:1-17.

melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti semua yang dilakukan Yoyakim. ²⁰ Di Yerusalem dan Yehuda murka Tuhan dibangkitkan sehingga Dia membuang mereka dari hadirat-Nya. Seterusnya Zedekia memberontak terhadap raja Babel.

Runtuhnya kerajaan Yehuda

25 ¹ Dalam tahun kesembilan zaman pemerintahan Zedekia, pada hari kesepuluh bulan kesepuluh, datanglah Nebukadnezar, raja Babel, dengan seluruh pasukannya menyerang Yerusalem. Dia berkhemah mengepung Yerusalem dan membina tembok pengepung di sekelilingnya. ² Kota itu pun dikepung sampai tahun kesebelas pemerintahan Raja Zedekia. ³ Pada hari kesembilan bulan keempat, bermaharajalelah kebuluran di kota itu dan rakyat negeri itu sudah tidak ada makanan lagi. ⁴ Kemudian berlakulah rekahan pada tembok kota lalu larilah semua pejuang pada waktu malam melalui jalan pintu gerbang di antara kedua-dua tembok yang terletak dekat taman raja, sementara orang Kasdim mengepung kota itu. Mereka lari menuju

24:20: Yeh 17:15. **25:1:** Yer 21:1-10; 34:1-5; Yeh 24:2.

25:4: Yeh 33:21.

Araba. ⁵ Akan tetapi, pasukan orang Kasdim mengejar Raja Zedekia dan berhasil menyusulnya di dataran Yerikho, sehingga tercercailah seluruh pasukannya daripada dia. ⁶ Kemudian mereka menangkap raja dan membawanya untuk menghadap raja Babel di Ribla. Raja Babel pun menjatuhkan hukuman atasnya. ⁷ Anak-anak Zedekia disembelih di hadapan matanya, lalu mata Zedekia dibutakan. Dia pun dibelenggu dengan rantai gangsa, lalu dibawa ke Babel.

⁸ Pada hari ketujuh dalam bulan kelima tahun kesembilan belas zaman pemerintahan Nebukadnezar, raja Babel, datanglah Nebuzaradan, ketua pasukan pengawal, pegawai raja Babel ke Yerusalem. ⁹ Dia membakar Bait Tuhan, istana raja, dan semua rumah di Yerusalem. Setiap rumah yang besar dibakarnya habis. ¹⁰ Kemudian seluruh pasukan orang Kasdim yang menyertai ketua pasukan pengawal itu merobohkan tembok di sekeliling Yerusalem. ¹¹ Nebuzaradan, ketua pasukan pengawal itu, membuang saki-baki rakyat yang tertinggal di kota, para pembelot yang memihak kepada raja Babel, dan saki-baki khalayak ramai. ¹² Tetapi dia meninggalkan beberapa orang yang termiskin

di negeri itu untuk dijadikan pemelihara kebun anggur dan peladang.

¹³ Orang Kasdim menghancurkan tiang-tiang gangsa yang ada di Bait Tuhan, juga segala penopang dan kolam gangsa yang ada di Bait Tuhan. Gangsanya diangkut mereka ke Babel. ¹⁴ Mereka pun mengambil kesemua kualiti, penyodok, sepit-sepit, pedupaan, dan semua perkakas gangsa yang digunakan untuk menyelenggarakan ibadat. ¹⁵ Ketua pasukan pengawal mengambil segala perbaraan, bokor, baik yang dibuat daripada emas mahupun yang dibuat daripada perak. ¹⁶ Sementara itu gangsa dari kedua-dua tiang, semua kolam dan wadah penopang yang dibuat oleh Salomo untuk Bait Tuhan tidak tertimbang beratnya. ¹⁷ Tinggi satu tiang lapan belas hasta. Di atasnya terdapat kepala tiang daripada gangsa setinggi tiga hasta dengan jala-jala dan buah delima berkeliling di bahagian atasnya, semuanya daripada gangsa. Tiang yang kedua demikian juga, dengan jala-jalanya.

¹⁸ Kemudian ketua pasukan pengawal menangkap Imam Besar Seraya, dan Zefanya, penolong imam besar, serta ketiga-tiga orang

penjaga pintu. ¹⁹ Antara orang yang masih ada di kota, ditangkapnya seorang pegawai istana yang menjadi pengawas para pejuang, lima orang penasihat raja, jurutulis panglima tentera yang mengerahkan rakyat negeri, dan enam puluh orang daripada kalangan rakyat negeri. ²⁰ Nebuzaradan, ketua pasukan pengawal itu, menangkap dan membawa mereka menghadap raja Babel di Ribla. ²¹ Lalu raja Babel menyuruh agar mereka dihukum mati di Ribla, di Tanah Hamat.

Demikianlah orang Yehuda dibuang negeri dari tanah mereka.

Gedalya menjadi pembesar dan dibunuh

²² Kemudian Nebukadnezar, raja Babel, mengangkat Gedalya anak Ahikam anak Safan menjadi pembesar atas rakyat yang memang masih ditinggalkannya di Tanah Yehuda. ²³ Ketika semua panglima pasukan berserta anak buah mereka mendengar bahawa raja Babel telah mengangkat Gedalya menjadi pembesar, maka datanglah mereka menghadap Gedalya di Mizpa. Mereka terdiri daripada Ismael anak Netanya; Yohanan anak Kareah; Seraya anak Tanhumet, orang Netofa; Yaazanya, anak seorang

Maakha; berserta anak buah mereka. ²⁴ Gedalya bersumpah kepada mereka dan anak buah mereka, “Janganlah takut kepada pegawai orang Kasdim. Tinggallah di negeri ini dan berkhidmatlah kepada raja Babel. Maka keadaan hidupmu akan menjadi baik.”

²⁵ Akan tetapi, pada bulan ketujuh datanglah Ismael anak Netanya anak Elisama, seorang yang berketurunan raja, berserta sepuluh orang yang lain. Dia menyerang dan membunuh Gedalya, juga orang Yehuda dan orang Kasdim yang ada bersama-samanya di Mizpa. ²⁶ Maka larilah seluruh rakyat, daripada yang kecil sampai yang besar, juga para panglima pasukan, dengan segera menyingkir ke Mesir, kerana mereka takut kepada orang Kasdim.

Raja Yoyakhin dikasihani

²⁷ Pada tahun ketiga puluh tujuh semasa pembuangan Yoyakhin, raja Yehuda, Ewil-Merodakh menaiki takhta menjadi raja Babel. Dalam tahun itu juga, tepatnya pada hari kedua puluh tujuh, bulan kedua belas, dia memberikan keihsanan kepada Yoyakhin, raja Yehuda, dan mengeluarkannya daripada penjara. ²⁸ Ewil-Merodakh berbicara baik-baik

kepadanya dan memberinya kedudukan yang lebih tinggi daripada kedudukan raja-raja yang ada bersama-samanya di Babel. ²⁹ Yoyakhin pun mengganti pakaian penjaranya, dan seumur hidupnya dia sentiasa makan di hadapan raja. ³⁰ Raja sentiasa memberinya peruntukan makanan sekadar keperluan sehari-hari, seumur hidupnya.

1 TAWARIKH

Daftar keturunan Adam sampai Abraham

Daripada Adam hingga anak-anak Nuh

1 ¹ Adam, Set, Enos, ² Kenan, Mahalaleel, Yared, ³ Henokh, Metusalah, Lamekh, ⁴ Nuh, dan seterusnya anak-anaknya, iaitu Sem, Ham, dan Yafet.

Bani Yafet

⁵ Anak-anak Yafet: Gomer, Majuj, Madai, Yawan, Tubal, Mesekh, dan Tiras. ⁶ Anak-anak Gomer: Askenas, Rifat, dan Togarma. ⁷ Keturunan Yawan: Elisa, Tarsis, Kitim, dan Rodanim.

Bani Ham

⁸ Keturunan Ham: Kush, Misraim, Put, dan Kanaan. ⁹ Keturunan Kush: Seba, Hawila, Sabta, Raema, dan Sabtekha. Anak-anak Raema: Syeba dan Dedan. ¹⁰ Kush beranakkan seorang anak lelaki bernama Nimrod; dia menjadi orang

perkasa pertama di bumi. ¹¹ Misraim beranakkan^P Ludim, Anamim, Lehabim, Naftuhim, ¹² Patrusim, Kasluhim (yang merupakan susur galur orang Filistin), dan Kaftorim. ¹³ Kanaan beranakkan Sidon, anak sulungnya, dan Het, ¹⁴ juga orang Yebusi, orang Amori, orang Girgasi, ¹⁵ orang Hewi, orang Arki, orang Sini, ¹⁶ orang Arwadi, orang Semari, dan orang Hamati.

Bani Sem

¹⁷ Keturunan Sem: Elam, Asyur, Arpakhsad, Lud, Aram, Us, Hul, Geter, dan Mesekh. ¹⁸ Arpakhsad beranakkan Selah, dan Selah beranakkan Eber. ¹⁹ Eber dikurniai dua orang anak lelaki. Nama yang seorang ialah Peleg, kerana pada zamannya bumi terbagi, dan nama adiknya ialah Yoktan. ²⁰ Yoktan beranakkan Almodad, Selef, Hazar-Mawet, Yerah, ²¹ Hadoram, Uzal, Dikla, ²² Ebal,^q Abimael, Syeba, ²³ Ofir, Hawila, dan Yobab. Semua ini keturunan Yoktan.

²⁴ Sem, Arpakhsad, Selah, ²⁵ Eber, Peleg, Rehu, ²⁶ Serug, Nahor, Terah, ²⁷ dan Abram, iaitu Abraham.

^P**1:11** Atau: Berputerakan (berputerakan membawa erti mempunyai seorang anak lelaki).

^q**1:22** Atau: Obal (Ada naskhah yang mengeja namanya sebagai Obal.)

Keturunan Abraham

²⁸ Anak-anak Abraham ialah Ishak dan Ismael.

²⁹ Inilah salasilah mereka:

Keturunan Ismael

Anak sulung Ismael ialah Nebayot, diikuti Kedar, Adbeel, Mibsam, ³⁰ Misma, Duma, Masa, Hadad, Tema, ³¹ Yetur, Nafis, dan Kedma. Inilah anak-anak lelaki Ismael.

Keturunan Ketura

³² Anak-anak Ketura, gundik Abraham:

Zimran, Yoksan, Medan, Midian, Isbak, dan Suah. Anak-anak Yoksan: Syeba dan Dedan.

³³ Anak-anak Midian: Efa, Efer, Hanokh, Abida, dan Eldaa. Semuanya ini keturunan Ketura.

Keturunan Ishak

³⁴ Abraham beranakkan Ishak. Anak-anak Ishak ialah Esau dan Israel.

Keturunan Esau

³⁵ Anak-anak Esau: Elifas, Rehuel, Yeus, Yaelam, dan Korah. ³⁶ Anak-anak Elifas: Teman, Omar, Zefi, Gaetam, Kenas, Timna, dan Amalek.

³⁷ Anak-anak Rehuel: Nahat, Zerah, Syama, dan Miza.

Bangsa Seir di Edom

³⁸ Anak-anak Seir: Lotan, Syobal, Zibeon, Ana, Disyon, Ezer, dan Disyan. ³⁹ Anak Lotan ialah Hori dan Homam;^r dan Timna ialah saudara perempuan Lotan. ⁴⁰ Anak-anak Syobal: Alyan, Manahat, Ebal, Syefo, dan Onam. Anak Zibeon ialah Aya dan Ana. ⁴¹ Anak Ana ialah Disyon. Anak-anak Disyon: Hamran, Esyban, Yitran, dan Keran. ⁴² Anak Ezer ialah Bilhan, Zaawan, dan Akan. Anak Disyan ialah Us dan Aran.

Raja-raja Edom

⁴³ Inilah barisan raja yang bertakhta di Tanah Edom sebelum ada seorang raja yang bertakhta atas orang Israel: Bela anak Beor. Nama kotanya ialah Dinhaba.

⁴⁴ Setelah Bela mati, Yobab anak Zerah dari Bozra menaiki takhta menggantikannya.

⁴⁵ Setelah Yobab mati, Husyam dari negeri orang Teman menaiki takhta menggantikannya.

⁴⁶ Setelah Husyam mati, Hadad anak Bedad, yang mengalahkan orang Midian di daerah Moab, menaiki takhta menggantikannya. Nama kotanya ialah Awit.

^r**1:39** Atau: Hemam (Ada naskhah yang mengeja namanya sebagai Hemam.)

- ⁴⁷ Setelah Hadad mati, Samla dari Masreka menaiki takhta menggantikannya.
- ⁴⁸ Setelah Samla mati, Saul dari Rehobot yang terletak di tepi sungai, menaiki takhta menggantikannya.
- ⁴⁹ Setelah Saul mati, Baal-Hanan anak Akhbor menaiki takhta menggantikannya.
- ⁵⁰ Setelah Baal-Hanan mati, Hadad menaiki takhta menggantikannya. Nama kotanya ialah Pahi. Nama isterinya ialah Mehetabeel anak Matred anak Mezahab.
- ⁵¹ Setelah itu, Hadad pun mati.

Para ketua kaum di Edom termasuk: Ketua kaum Timna, ketua kaum Alya, ketua kaum Yetet, ⁵² ketua kaum Oholibama, ketua kaum Ela, ketua kaum Pinon, ⁵³ ketua kaum Kenas, ketua kaum Teman, ketua kaum Mibzar, ⁵⁴ ketua kaum Magdiel, dan ketua kaum Iram. Itulah para ketua kaum di Edom.

Keturunan Israel

2 ¹ Inilah anak-anak Israel: Ruben, Simeon, Lewi, Yehuda, Isakhar, Zebulon, ² Dan, Yusuf, Benyamin, Naftali, Gad, dan Asyer.

Keturunan Yehuda

Sampai anak-anak Hezron

³ Anak-anak Yehuda: Er, Onan, dan Syela. Ketiga-tiga anak itu dilahirkan baginya daripada anak perempuan Syua, orang Kanaan. Tetapi Er, anak sulung Yehuda itu, jahat di mata Tuhan sehingga Dia mengambil nyawanya. ⁴ Tamar, menantu Yehuda, melahirkan Peres dan Zerah baginya. Jadi, seluruh anak Yehuda ada lima orang.

⁵ Anak-anak Peres: Hezron dan Hamul.

⁶ Anak-anak Zerah: Zimri, Etan, Heman, Kalkol, dan Dara. Kesemuanya ada lima orang. ⁷ Anak Karmi: Ahar, yang mendatangkan kesukaran kepada orang Israel kerana kemungkarannya dalam perihal barang-barang yang dikhususkan untuk dimusnahkan.

⁸ Anak Etan: Azarya.

⁹ Anak-anak yang lahir bagi Hezron: Yerahmeel, Ram, dan Khelubai.

Daripada Ram, anak Hezron

¹⁰ Ram beranakkan Aminadab; turunturunnya ialah Nahason (pemimpin bani Yehuda), ¹¹ Salma, Boas, ¹² Obed, Isai.

¹³ Isai beranakkan Eliab, anak sulungnya; Abinadab, anak kedua; Simea, anak ketiga; ¹⁴ Netaneel, anak keempat; Radai, anak kelima; ¹⁵ Ozem, anak keenam; dan Daud, anak ketujuh. ¹⁶ Para saudara perempuan mereka ialah Zeruya dan Abigail.

Selanjutnya tiga orang anak lelaki Zeruya ialah Abisai, Yoab, dan Asael. ¹⁷ Abigail melahirkan Amasa dan ayah Amasa ialah Yeter, orang Ismael.

Kaleb, anak Hezron

¹⁸ Kaleb anak Hezron beranakkan daripada Azuba, isterinya, (dan daripada Yeriot). Inilah anak-anak Azuba: Yesyer, Sobab, dan Ardon. ¹⁹ Setelah Azuba mati, Kaleb memperisteri Efrat, yang melahirkan Hur baginya. ²⁰ Kemudian Hur beranakkan Uri, dan Uri beranakkan Bezaleel.

²¹ Setelah itu, Hezron berkahwin dengan anak perempuan Makhir, ayah Gilead. Hezron memperisteri perempuan itu pada waktu dia berumur enam puluh tahun. Kemudian perempuan itu melahirkan Segub baginya.

²² Segub beranakkan Yair, yang mempunyai dua

puluh tiga buah kota di Tanah Gilead. ²³ Tetapi Gesur dan Aram merebut Hawot-Yair daripada mereka, juga Kenat dan kota-kota kecilnya sebanyak enam puluh buah kota semuanya. Itulah seluruh keturunan Makhir, ayah Gilead. ²⁴ Setelah Hezron mati di Kaleb Efrata, barulah Abia, isteri Hezron, melahirkan Asyur, bapa Tekoa.

Yerahmeel, anak Hezron

²⁵ Anak-anak Yerahmeel, anak sulung Hezron: Ram, anak sulungnya, diikuti Buna, Oren, Ozem, dan Ahia. ²⁶ Yerahmeel juga mempunyai isteri lain yang bernama Atara. Dialah ibu Onam.

²⁷ Anak-anak Ram, anak sulung Yerahmeel: Maas, Yamin, dan Eker. ²⁸ Anak-anak Onam: Samai dan Yada. Anak-anak Samai: Nadab dan Abisur.

²⁹ Nama isteri Abisur ialah Abihail, yang melahirkan Ahban dan Molid baginya. ³⁰ Anak-anak Nadab: Seled dan Apaim. Seled mati tanpa meninggalkan zuriat. ³¹ Anak-anak Apaim: Yisei. Selanjutnya anak Yisei ialah Sesan, dan anak Sesan ialah Ahlai.

³² Anak-anak Yada, adik lelaki Samai: Yeter dan Yonatan. Yeter mati tanpa meninggalkan zuriat.

³³ Anak-anak Yonatan: Pelet dan Zaza. Itulah keturunan Yerahmeel.

³⁴ Sesan tidak ada anak lelaki, hanya ada anak perempuan. Tetapi Sesan mempunyai seorang hamba yang bernama Yarha dari Mesir. ³⁵ Sesan memberikan anak gadisnya kepada Yarha, hambanya itu, sebagai isteri. Lalu perempuan itu melahirkan Atai baginya. ³⁶ Atai beranakkan Natan; kemudian turun-temurunnya ialah Zabad, ³⁷ Eflal, Obed, ³⁸ Yehu, Azarya, ³⁹ Heles, Elasa, ⁴⁰ Sismai, Salum, ⁴¹ Yekamyia, Elisama.

Kaum Kaleb

⁴² Anak-anak Kaleb, adik Yerahmeel: Mesa, anak sulungnya, bapa Zif; dan bani Maresa, bapa Hebron. ⁴³ Anak-anak Hebron: Korah, Tapuah, Rekem, dan Sema. ⁴⁴ Sema beranakkan Raham, iaitu ayah Yorkeam. Rekem beranakkan Samai. ⁴⁵ Anak Samai ialah Maon, dan Maon ialah ayah Bet-Zur.

⁴⁶ Efa, gundik Kaleb, melahirkan Haran, Moza, dan Gazes. Haran beranakkan Gazes.

⁴⁷ Anak-anak Yohdai: Regem, Yotam, Gesan, Pelet, Efa, dan Saaf.

⁴⁸ Maakha, gundik Kaleb, melahirkan Seber dan Tirhana. ⁴⁹ Perempuan itu juga melahirkan Saaf, bapa Madmana; dan Sewa, bapa Makhbena serta bapa Gibea.

Anak perempuan Kaleb ialah Akhsa.

⁵⁰ Itulah keturunan Kaleb.

Anak-anak Hur, anak sulung Efrata, ialah Syobal, bapa Kiryat-Yearim; ⁵¹ Salma, bapa Betlehem; dan Haref, bapa Bet-Gader.

⁵² Syobal, bapa Kiryat-Yearim, mempunyai keturunan, Haro'e, iaitu setengah daripada orang Menuhot. ⁵³ Kaum-kaum Kiryat-Yearim ialah orang Yetri, orang Puti, orang Sumati, dan orang Misrai. Daripada mereka inilah berasal orang Zora dan orang Esytaol.

⁵⁴ Anak-anak Salma: Betlehem, orang Netofa; Atarot-Bet-Yoab; dan setengah daripada orang Manahti, iaitu orang Zori.

⁵⁵ Kaum-kaum jurutulis, yang tinggal di Yabes ialah orang Tirati, orang Simati, dan orang Sukhati. Merekalah orang Keni keturunan Hamat, bapa keturunan kaum Rekhab.

Keturunan Daud

3 ¹ Inilah anak-anak Daud yang dilahirkan baginya di Hebron:

Anak yang sulung ialah Amnon, daripada Ahinoam orang Yizreel.

Anak kedua ialah Daniel, daripada Abigail orang Karmel.

² Anak ketiga ialah Absalom, anak Maakha, iaitu anak perempuan Talmi, raja Gesur.

Anak keempat ialah Adonia, anak Hagit.

³ Anak kelima ialah Sefaca, daripada Abital.

Anak keenam ialah Yitream, daripada Eglā, isterinya.

⁴ Enam orang dilahirkan baginya di Hebron. Di sana dia bertakhta selama tujuh tahun enam bulan.

Di Yerusalem Daud bertakhta selama tiga puluh tiga tahun. ⁵ Inilah anak-anak yang dilahirkan baginya di Yerusalem: Simea, Sobab, Natan, dan Salomo – empat orang daripada Batsyua anak Amiel.

⁶ Selanjutnya Yibhar, Elisama, Elifelet, ⁷ Nogah, Nefeg, Yafia, ⁸ Elisama, Elyada, dan Elifelet – sembilan orang. ⁹ Mereka semua itu anak-anak Daud, di samping anak-anak daripada para gundiknya. Tamar ialah saudara perempuan mereka.

Raja-raja Yehuda

¹⁰ Anak Salomo ialah Rehabeam, kemudian turun-temurunnya ialah Abia, Asa, Yosafat, ¹¹ Yoram, Ahazia, Yoas, ¹² Amazia, Azarya, Yotam, ¹³ Ahas, Hizkia, Manasye, ¹⁴ Amon, Yosia. ¹⁵ Anak-anak Yosia: Yohanan, yang sulung; Yoyakim, anak kedua; Zedekia, anak ketiga; Salum, anak keempat. ¹⁶ Anak Yoyakim ialah Yekhonya, dan anak Yekhonya ialah Zedekia.

Garis keturunan kerajaan setelah pembuangan ke Babel

¹⁷ Anak-anak Yekhonya, orang tahanan itu: Sealtiel, ¹⁸ Malkhiram, Pedaya, Syenasar, Yekamy, Hosama, dan Nedabya. ¹⁹ Anak-anak Pedaya: Zerubabel dan Simei. Anak-anak Zerubabel: Mesulam dan Hananya. Selomit ialah saudara perempuan mereka. ²⁰ Selanjutnya, lima orang lain: Hasuba, Ohel, Berekhya, Hasaja, dan Yusab-Hesed.

²¹ Keturunan Hananya: Pelaca, Yesaya, bani Refaya, bani Arnan, bani Obaja, dan bani Sekhanya. ²² Keturunan Sekhanya: Semaya dan anak-anak Semaya: Hatus, Yigal, Bariah, Nearya, dan Safat – seramai enam orang. ²³ Anak-anak Nearya: Elyo'enai, Hizkia, dan Azrikam – seramai tiga orang. ²⁴ Anak-anak Elyo'enai: Hodawya, Elyasib, Pelaya, Akub, Yohanan, Delaya, dan Anani – seramai tujuh orang.

Keturunan Yehuda daripada cabang lain

4 ¹ Anak-anak Yehuda: Peres, Hezron, Karmi, Hur, dan Syobal. ² Anak Reaya anak Syobal ialah Yahat, kemudian anak-anak Yahat ialah Ahumai dan Lahad. Itulah kaum-kaum orang Zora.

³ Inilah anak-anak Etam: Yizreel, Isma, dan Idbas. Nama saudara perempuan mereka ialah Hazeleponi. ⁴ Penuel ialah bapa Gedor, dan Ezer ialah bapa Husa. Itulah anak-anak Hur, anak sulung Efrata, bapa Betlehem.

⁵ Asyur, bapa Tekoa, mempunyai dua orang isteri, iaitu Hela dan Naara. ⁶ Naara melahirkan baginya Ahuzam, Hefer, Temeni, dan Ahastari. Itulah anak-anak Naara. ⁷ Anak-anak Hela: Zeret, Yezohar, Etnan.

⁸ Kos bapa kepada Anub, Hazobeba dan kaum-kaum Aharhel anak Harum.

⁹ Yabes lebih dimuliakan daripada saudara-saudaranya. Ibunya menamai dia Yabes, kerana katanya, "Aku telah melahirkan dia dengan susah." ¹⁰ Yabes berseru kepada Allah Israel, katanya, "Kiranya Engkau memberkati aku berlimpah-limpah dan memperluas daerahku. Kiranya tangan-Mu menyertai aku dan menjaga aku daripada malapetaka, supaya aku tidak disusahkannya." Allah mengabulkan apa yang dimintanya itu.

¹¹ Kelub, saudara Suha, beranakkan Mehir, iaitu ayah Eston. ¹² Eston beranakkan Bet-Rafa, Paseah, dan Tehina, bapa Ir-Nahas. Itulah suku kaum Rekha.

¹³ Anak-anak Kenas: Otniel dan Seraya. Anak-anak Otniel: Hatat dan Meonotai. ¹⁴ Meonotai beranakkan Ofra.

Seraya beranakkan Yoab, iaitu bapa kaum Lembah Tukang yang dinamai sedemikian kerana mereka itu para tukang.

¹⁵ Anak-anak Kaleb anak Yefune: Iru, Ela, dan Naam. Anak Ela: Kenas.

¹⁶ Anak-anak Yehaleleel: Zif, Zifa, Tireya, dan Asareel.

¹⁷ Anak-anak Ezra: Yeter, Mered, Efer, dan Yalon. Mered memperisteri Bica, puteri Firaun, lalu perempuan itu melahirkan Miryam, Samai, dan Yisbah, bapa Estemoa. ¹⁸ Isteri Mered yang lain, seorang perempuan Yehuda, melahirkan Yered, bapa Gedor; Heber, bapa Sokho; dan Yekutiel, bapa Zanoah.

¹⁹ Anak-anak daripada isteri Hodia, saudara perempuan Naham: bapa Kehila, orang Garmi; dan Estemoa, orang Maakha.

²⁰ Anak-anak Simon: Amnon, Rina, Ben-Hanan, dan Tilon.

Anak-anak Yisei: Zohet dan Ben-Zohet.

²¹ Anak-anak Syela anak Yehuda: Er, bapa Lekha; Lada, bapa Maresa; dan kaum pengusaha kain linen halus dari Bet-Asybea; ²² serta Yokim, orang Kozeba, Yoas, dan Saraf yang menguasai Moab tetapi kemudian kembali ke Lehem. Segala

riwayat ini sudah tua. ²³ Mereka itu tukang periuk, penduduk Netaim dan Gedera. Di sanalah mereka tinggal dan bekerja untuk raja.

Keturunan Simeon

²⁴ Anak-anak Simeon: Nemuel, Yamin, Yarib, Zerah, dan Saul. ²⁵ Kemudian turun-temurunnya ialah Salum, Mibsam, dan Misma. ²⁶ Anak-anak Misma turun-temurun: Hamuel, Zakur, dan Simei. ²⁷ Simei mempunyai enam belas orang anak lelaki dan enam orang anak perempuan, tetapi saudaranya tidak mempunyai ramai anak. Seluruh kaum mereka tidak bertambah ramai sebagaimana bani Yehuda.

²⁸ Mereka tinggal di Bersyeba, Molada, Hazar-Sual, ²⁹ Bilha, Ezem, Tolad, ³⁰ Betuel, Horma, Ziklag, ³¹ Bet-Markabot, Hazar-Susim, Bet-Biri, dan Saaraim. Itulah kota mereka sampai Daud menaiki takhta. ³² Desa-desa mereka ialah Etam, Ain, Rimon, Tokhen, dan Asan – lima perkampungan; ³³ juga semua desa yang ada di sekeliling perkampungan itu sampai ke Baal. Itulah tempat tinggal mereka. Mereka mempunyai salasilah sendiri.

³⁴ Selanjutnya Mesobab,
Yamlekh, Yosa anak Amazia,

³⁵ Yo'el, Yehu anak Yosibya anak Seraya anak Asiel,

³⁶ Elyo'enai, Yaakoba, Yesohaya, Asaya, Adiel, Yesimiel, Benaya,

³⁷ dan Ziza anak Sifei anak Alon anak Yedaya anak Simri anak Semaya.

³⁸ Orang yang disebutkan nama mereka ialah para pemimpin dalam kaum mereka.

Kaum keluarga mereka berkembang semakin ramai. ³⁹ Mereka pergi ke jalan masuk Gedor sampai ke sebelah timur lembah itu untuk mencari padang rumput bagi kawanan ternakan mereka, ⁴⁰ lalu mereka menemukan padang rumput yang subur dan baik. Negeri itu luas, sentosa, dan aman, kerana orang yang tinggal di sana sebelumnya berasal daripada orang Ham.

⁴¹ Orang yang tertulis nama mereka datang pada zaman Hizkia, raja Yehuda. Mereka menyerang perkhemahan orang Ham serta orang Meunim yang ada di sana dan menumpaskan mereka itu. Demikianlah sampai hari ini. Mereka menduduki tempat orang itu, kerana di sana terdapat padang rumput bagi kawanan ternakan mereka. ⁴² Sebahagian daripada mereka, iaitu seramai lima ratus orang daripada bani Simeon, berpindah ke Pergunungan Seir. Para ketua mereka ialah Pelaca, Nearya, Refaya, Uziel, dan anak-anak Yisei. ⁴³ Mereka membunuh saki-baki

orang Amalek yang menyelamatkan diri, lalu mereka tinggal di sana sehingga hari ini.

Suku-suku di seberang Sungai Yordan

Keturunan Ruben

5¹ Berikut ialah anak-anak Ruben, anak sulung Israel. Ruben memang anak yang sulung, tetapi kerana dia telah mencemari petiduran ayahnya, maka hak kesulungannya diberikan kepada keturunan Yusuf anak Israel, meskipun dalam salasilah dia tidak tercatat sebagai anak sulung.² Memang Yehuda yang terkuat antara saudara-saudaranya, bahkan daripada dialah muncul seorang raja, tetapi hak kesulungan tetap pada Yusuf.³ Anak-anak Ruben, anak sulung Israel: Henokh, Palu, Hezron, dan Karmi.

⁴ Keturunan Yo'el: Semaya, anaknya; kemudian turun-temurunnya ialah Gog, Simei,⁵ Mikha, Reaya, Baal,⁶ Beera, yang diangkut ke tempat pembuangan oleh Tilgat-Pilneser, raja Asyur. Dialah pemimpin suku Ruben.

⁷ Saudara-saudaranya menurut kaum mereka seperti yang tercatat dalam salasilah mereka: Yeiel, sebagai ketua; diikuti Zakharia,⁸ dan Bela anak Azas anak Sema anak Yo'el yang tinggal

di Aroer dan daerah mereka sampai ke Nebo serta Baal-Meon. ⁹ Di sebelah timur, daerah mereka sampai ke jalan masuk gurun, mulai dari Sungai Efrat, kerana ternakan mereka bertambah banyak di Tanah Gilead.

¹⁰ Pada zaman Saul mereka berperang melawan orang Hagri, yang akhirnya jatuh ke dalam tangan mereka. Kemudian mereka tinggal di perkhemahan kaum itu, di seluruh bahagian timur Gilead.

Keturunan Gad

¹¹ Bani Gad tinggal berseberangan dengan bani Ruben, mulai Tanah Basan sampai ke Salkha. ¹² Yo'el ialah ketua mereka, Safam orang keduanya, selanjutnya Yaenai dan Safat yang diam di Basan. ¹³ Saudara-saudara mereka menurut kaum keluarga mereka: Mikhail, Mesulam, Syeba, Yorai, Yakan, Ziya, dan Eber – tujuh orang. ¹⁴ Itulah anak-anak Abihail anak Huri anak Yaroah anak Gilead anak Mikhail anak Yesisai anak Yahdo anak Bus. ¹⁵ Ahi anak Abdiel anak Guni ialah ketua kaum keluarga mereka. ¹⁶ Mereka tinggal di Gilead, di Basan dan kampung-kampungnya, serta di seluruh padang ragut Saron sampai ke hujung-hujungnya. ¹⁷ Mereka semua tercatat dalam salasilah pada

zaman Yotam, raja Yehuda, dan pada zaman Yerobeam, raja Israel.

¹⁸ Antara bani Ruben, bani Gad, dan separa suku Manasye terdapat empat puluh empat ribu tujuh ratus enam puluh orang yang gagah perkasa dan sanggup berperang. Mereka terampil memakai perisai dan pedang, terampil melenturkan busur, dan terlatih dalam berperang. ¹⁹ Ketika mereka berperang melawan orang Hagri, Yetur, Nafis, dan Nodab, ²⁰ mereka mendapat bantuan untuk melawan orang itu. Maka orang Hagri dan semua yang turut serta diserahkan ke dalam tangan mereka, kerana mereka berseru kepada Allah dalam peperangan itu; Dia mengabulkan doa mereka kerana mereka percaya kepada-Nya. ²¹ Ternakan kaum itu sebanyak lima puluh ribu ekor unta, dua ratus lima puluh ribu ekor kambing domba, serta dua ribu ekor keldai digiring mereka. Mereka juga menggiring hidup-hidup seratus ribu orang. ²² Begitu ramai orang yang tewas terbunuh, kerana peperangan itu terjadi atas kehendak Allah. Mereka menduduki tempat orang itu sehingga masa pembuangan.

Separasuku Manasye

²³ Keturunan separasuku Manasye tinggal di negeri itu mulai Basan sampai ke Baal-Hermon, Senir, dan Gunung Hermon. Jumlah mereka kian

bertambah ramai. ²⁴ Inilah para ketua kaum keluarga mereka: Efer, Yisei, Eliel, Azriel, Yeremia, Hodawya, dan Yahdiel. Mereka itu kesateria yang gagah perkasa, orang ternama, dan para ketua kaum keluarga mereka.

²⁵ Tetapi kemudian mereka berbuat mungkar terhadap Allah nenek moyang mereka dan berbuat kafir dengan mengikuti tuhan-tuhan segala bangsa negeri itu, yang telah dipunahkan Allah dari hadapan mereka. ²⁶ Oleh sebab itu Allah Israel menggerakkan hati Pul, iaitu Tilgat-Pilneser, raja Asyur, sehingga dia membuang orang Ruben, orang Gad, dan separa suku Manasye. Dibawanya mereka ke Halah, Habor, Hara, serta ke tepi Sungai Gozan. Demikianlah sampai hari ini.

Keturunan Lewi

6 ¹ Anak-anak Lewi: Gerson, Kehat, dan Merari.
² Anak-anak Kehat: Amram, Yizhar, Hebron, dan Uziel.

³ Anak-anak Amram: Harun, Musa, dan Miryam.
Anak-anak Harun: Nadab, Abihu, Eleazar, dan Itamar.

⁴ Kemudian daripada Eleazar turun-temurun: Pinehas, Abisua, ⁵ Buki, Uzi, ⁶ Zerahya, Merayot,

⁷ Amarya, Ahitub, ⁸ Zadok, Ahimaas, ⁹ Azarya, Yohanan, ¹⁰ Azarya (dialah yang menunaikan tugas sebagai imam di Bait Suci yang dibina oleh Salomo di Yerusalem), ¹¹ Amarya, Ahitub, ¹² Zadok, Salum, ¹³ Hilkia, Azarya, ¹⁴ Seraya, Yozadak. ¹⁵ Yozadak turut dibuang ketika Tuhan membiarkan orang Yehuda dan orang Yerusalem dibuang oleh Nebukadnezar.

¹⁶ Anak-anak Lewi: Gerson, Kehat, dan Merari.

¹⁷ Inilah nama anak-anak Gerson: Libni dan Simei.

¹⁸ Anak-anak Kehat: Amram, Yizhar, Hebron, dan Uziel. ¹⁹ Anak-anak Merari: Mahli dan Musi.

Inilah kaum orang Lewi menurut kaum keluarga mereka: ²⁰ Daripada Gerson turun-temurun: Libni, Yahat, Zima, ²¹ Yoah, Ido, Zerah, Yeatrai.

²² Keturunan Kehat turun-temurun: Aminadab, Korah, Asir, ²³ Elkana, Ebyasaf, Asir, ²⁴ Tahat, Uriel, Uzia, Saul.

²⁵ Anak-anak Elkana: Amasai dan Ahimot;

²⁶ daripada Ahimot turun-temurun ialah Elkana, Zofai, Nahat, ²⁷ Eliab, Yeroham, Elkana.

²⁸ Anak-anak Samuel: Yo'el, anak sulungnya, dan Abia, anak kedua.

²⁹ Keturunan Merari turun-temurun: Mahli, Libni, Simei, Uza, ³⁰ Simea, Hagia, Asaya.

Para penyanyi di Bait Allah

³¹ Inilah orang yang ditugaskan Daud untuk memimpin nyanyian di Bait Tuhan setelah tabut itu tersimpan di sana. ³² Mereka berbakti dengan nyanyian di depan Khemah Suci, iaitu Khemah Pertemuan, sampai Salomo membina Bait Tuhan di Yerusalem. Mereka melaksanakan tugas masing-masing selaras dengan peraturannya.

³³ Inilah orang yang berbuat bakti, berserta anak-anak mereka.

Daripada bani Kehat: penyanyi Heman anak Yo'el anak Samuel ³⁴ anak Elkana anak Yeroham anak Eliel anak Toah ³⁵ anak Zuf anak Elkana anak Mahat anak Amasai ³⁶ anak Elkana anak Yo'el anak Azaria anak Zefanya ³⁷ anak Tahat anak Asir anak Ebyasaf anak Korah ³⁸ anak Yizhar anak Kehat anak Lewi anak Israel.

³⁹ Di sebelah kanannya berdiri Asaf, saudaranya; dialah Asaf anak Berekhya anak Simea ⁴⁰ anak Mikhail anak Baaseya anak Malkia ⁴¹ anak Etai anak Zerah anak Adaya ⁴² anak Etan anak Zima anak Simei ⁴³ anak Yahat anak Gerson anak Lewi.

⁴⁴ Di sebelah kiri berdiri seorang daripada bani Merari, saudara-saudara mereka: Etan anak Kisi anak Abdi anak Malukh ⁴⁵ anak Hasabya anak Amazia anak Hilkia ⁴⁶ anak Amzi anak Bani anak

Semer ⁴⁷ anak Mahli anak Musi anak Merari anak Lewi.

Keturunan Harun

⁴⁸ Para saudara mereka iaitu orang Lewi lainnya, ditugaskan dengan segala pekerjaan Khemah Suci, iaitu Rumah Allah.

⁴⁹ Tetapi Harun dan keturunannya bertugas membakar korban di atas mazbah korban bakaran dan di atas mazbah pembakaran dupa bagi segala pekerjaan Tempat Yang Maha Suci. Mereka juga bertugas mengadakan pendamaian bagi orang Israel selaras dengan semua yang diperintahkan oleh Musa, hamba Allah itu.

⁵⁰ Inilah keturunan Harun turun-temurun: Eleazar, Pinehas, Abisua, ⁵¹ Buki, Uzi, Zerahya, ⁵² Merayot, Amarya, Ahitub, ⁵³ Zadok, Ahimaas.

Kota-kota orang Lewi

⁵⁴ Inilah tempat kediaman mereka, iaitu segala perkhemahan mereka di daerah mereka: Kepada keturunan Harun daripada kaum orang Kehat (merekalah yang mendapat undian pertama) ⁵⁵ diberikan Hebron di Tanah Yehuda berserta padang-padang ragut di sekelilingnya.

⁵⁶ Akan tetapi, ladang-ladang kota itu berserta desa-desanya telah diberikan kepada Kaleb anak Yefune. ⁵⁷ Maka kepada keturunan Harun

diberikan kota-kota perlindungan, iaitu Hebron, Libna, Yatir, Estemoa, ⁵⁸ Hilén, Debir, ⁵⁹ Asan, dan Bet-Semes, semuanya berserta padang ragut mereka. ⁶⁰ Daripada suku Benyamin mereka mendapat Geba, Alemet, dan Anatot, semuanya berserta padang ragut mereka. Jadi, jumlah seluruh kota yang dibahagikan antara kaum-kaum mereka ialah tiga belas buah kota. ⁶¹ Keturunan Kehat yang selebihnya daripada kaum suku itu diberikan sepuluh buah kota yakni daripada separa suku Manasye, melalui undian.

⁶² Kepada keturunan Gerson menurut kaum-kaumnya diberikan tiga belas buah kota daripada suku Isakhar, suku Asyer, suku Naftali, dan suku Manasye yang ada di Basan. ⁶³ Kepada keturunan Merari menurut kaum-kaumnya diberikan dua belas buah kota daripada suku Ruben, suku Gad, dan suku Zebulon, melalui undian.

⁶⁴ Demikianlah orang Israel memberikan kepada orang Lewi kota-kota itu berserta padang ragut mereka. ⁶⁵ Mereka juga memberikan kota-kota yang disebutkan namanya tadi daripada suku bani Yehuda, suku bani Simeon, dan suku bani Benyamin, dengan cara mencabut undi.

⁶⁶ Beberapa kaum yang lain daripada keturunan Kehat mendapat kota-kota daripada suku Efraim sebagai daerah mereka. ⁶⁷ Kepada mereka diberikan kota-kota perlindungan, iaitu Sikhem

di pergunungan Efraim, Gezer, ⁶⁸Yokmeam, Bet-Horon, ⁶⁹Ayalon, dan Gat-Rimon, semuanya berserta padang ragut mereka. ⁷⁰Daripada separa suku Manasye, kaum bani Kehat yang selebihnya itu pun mendapat Aner dan Bileam, semuanya berserta padang-padang ragut.

⁷¹Keturunan Gerson mendapat kota-kota yang berikut: Golan yang di Basan, dan Astarot, daripada kaum suku Manasye yang separa itu, semuanya berserta padang-padang ragut; ⁷²Kedesh, Daberat, ⁷³Ramot, dan Anem, daripada suku Isakhar, semuanya berserta padang-padang ragut; ⁷⁴Masal, Abdon, ⁷⁵Hukok, dan Rehob, daripada suku Asyer, semuanya berserta padang-padang ragut; ⁷⁶Kedesh yang di Galilea, Hamon, dan Kiryataim, daripada suku Naftali, semuanya berserta padang-padang ragut.

⁷⁷Keturunan Merari yang selebihnya mendapat kota-kota yang berikut: Rimono dan Tabor daripada suku Zebulon, semuanya berserta padang-padang ragut; ⁷⁸kota-kota di seberang Sungai Yordan dekat Yerikho, sebelah timur Sungai Yordan, daripada suku Ruben, iaitu Bezer yang di gurun, Yahas, ⁷⁹Kedemot, dan Mefaat, semuanya berserta padang-padang ragut; ⁸⁰Ramot yang di Gilead, Mahanaim, ⁸¹Hesbon,

dan Yaezer, daripada suku Gad, semuanya berserta padang-padang ragut.

Suku-suku selebihnya

Keturunan Isakhar

7 ¹ Anak-anak Isakhar: Tola, Pua, Yasub, dan Simron – kesemuanya empat orang.

² Anak-anak Tola: Uzi, Refaya, Yeriel, Yahmai, Yibsam, dan Samuel. Mereka ketua kaum keluarga Tola dan kesateria yang gagah perkasa. Menurut keturunannya, jumlah mereka pada zaman Daud ialah 22,600 orang.

³ Anak Uzi: Yizrahya. Anak-anak Yizrahya: Mikhail, Obaja, Yo'el, dan Yisia – lima orang. Semuanya para ketua kaum. ⁴ Bersama mereka terdapat pasukan tentera perang seramai 36,000 orang menurut keturunan dan kaum keluarga masing-masing, kerana mereka mempunyai ramai isteri serta anak.

⁵ Para saudara mereka daripada seluruh kaum Isakhar ada 87,000 kesateria yang gagah perkasa. Semuanya tertulis dalam salasilah mereka.

Keturunan Benyamin

⁶ Anak-anak Benyamin: Bela, Bekher, dan Yediael – tiga orang.

⁷ Anak-anak Bela: Ezbon, Uzi, Uziel, Yerimot, dan Iri – lima orang. Mereka ketua kaum keluarga dan kesateria yang gagah perkasa. Menurut salasilah, mereka berjumlah 22,034 orang.

⁸ Anak-anak Bekher: Zemira, Yoas, Eliezer, Elyo'enai, Omri, Yeremot, Abia, Anatot, dan Alemet. Kesemuanya anak Bekher. ⁹ Mereka yang tercatat dalam salasilah, iaitu para ketua kaum keluarga dan para kesateria yang gagah perkasa ialah 20,200 orang.

¹⁰ Anak Yediael: Bilhan. Anak-anak Bilhan: Yeus, Benyamin, Ehud, Kenaana, Zetan, Tarsis, dan Ahisahar. ¹¹ Kesemuanya anak Yediael, para ketua kaum keluarga, para kesateria yang gagah perkasa, ada 17,200 orang yang siap bertempur dalam peperangan.

¹² Supim dan Hupim pula ialah anak-anak Ir manakala Husim ialah anak Aher.

Keturunan Naftali

¹³ Anak-anak Naftali: Yahziel, Guni, Yezer, dan Salum – anak-anaknya daripada Bilha.

Keturunan Manasye

¹⁴ Keturunan Manasye: Asriel, yang dilahirkan oleh gundiknya, orang Aram. Perempuan ini juga melahirkan Makhir, ayah Gilead. ¹⁵ Makhir mengambil isteri bagi Hupim dan Supim. Nama

saudara perempuannya ialah Maakha dan nama anak yang kedua ialah Zelafehad. Zelafehad hanya mempunyai anak perempuan.

¹⁶ Maakha, isteri Makhir, melahirkan seorang anak yang dinamainya Peres, manakala nama adiknya ialah Seres. Anak-anak Seres ialah Ulam dan Rekem. ¹⁷ Anak Ulam: Bedan. Itulah keturunan Gilead anak Makhir anak Manasye.

¹⁸ Saudara perempuannya, Molekhet, melahirkan Isyhod, Abiezer, dan Mahla.

¹⁹ Anak-anak Semida ialah Ahyan, Sekhem, Likhi, dan Aniam.

Keturunan Efraim

²⁰ Keturunan Efraim turun-temurun: Sutelah, Bered, Tahat, Elada, Tahat, ²¹ Zabad, Sutelah, kemudian Ezer dan Elad, yang dibunuh oleh orang kaum Gat yang lahir di negeri itu kerana mereka merampas ternakan kaum Gat itu.

²² Efraim, ayah mereka, berkabung berhari-hari lamanya, sehingga para saudaranya datang untuk menghiburkannya. ²³ Sesudah itu dia meniduri isterinya, lalu perempuan itu mengandung dan melahirkan seorang anak yang dinamainya Beria, kerana malapetaka telah menimpa keluarganya.

²⁴ Anak perempuannya ialah Seera, yang membina Bet-Horon-Hilir dan Hulu, serta Uzen-Seera.

²⁵ Anak lelakinya ialah Refah dan Resef; kemudian turun-temurunnya ialah Telah, Tahan, ²⁶ Ladan, Amihud, Elisama, ²⁷ Nun, Yosua.

²⁸ Milik dan tempat tinggal mereka ialah Betel, Naaran di sebelah timur dan Gezer di sebelah barat, Sikhem sampai ke Aya, semuanya dengan kampung-kampungnya.

²⁹ Di perbatasan dengan bani Manasye terdapat Bet-Sean, Taanakh, Megido, dan Dor, semuanya dengan kampung-kampungnya. Di tempat-tempat itulah menetapnya keturunan Yusuf anak Israel.

Keturunan Asyer

³⁰ Anak-anak Asyer: Yimna, Yiswa, Yiswi, dan Beria. Serah ialah saudara perempuan mereka.

³¹ Anak-anak Beria: Heber dan Malkiel, iaitu bapa Birzait.

³² Heber beranakkan Yaflet, Somer, Hotam dan seorang saudara perempuan mereka bernama Sua.

³³ Anak-anak Yaflet: Pasakh, Bimhal, dan Aswat. Itulah keturunan Yaflet.

³⁴ Anak-anak Semer: Ahi, Rohga, Yehuba, dan Aram.

³⁵ Anak-anak Helem, saudaranya: Zofah, Yimna, Seles, dan Amal.

³⁶ Anak-anak Zofah: Suah, Harnefer, Syual, Beri, Yimra, ³⁷ Bezer, Hod, Sama, Silsa, Yitran, dan Beera.

³⁸ Anak-anak Yeter: Yefune, Pispa, dan Ara.

³⁹ Anak-anak Ula: Arah, Haniel, dan Rizya.

⁴⁰ Itulah semua keturunan Asyer, para ketua kaum keluarga, para kesateria gagah perkasa yang terpilih dan yang menjadi para pemimpin utama. Jumlah yang tercatat dalam salasilah mereka sebagai pasukan perang ialah 26,000 orang.

Salasilah Benyamin

8 ¹ Anak-anak Benyamin: Bela, anak yang sulung; Asybel, anak kedua; Ahrah, anak ketiga; ² Noha, anak keempat; dan Rafa, anak kelima.

³ Anak-anak Bela: Adar, Gera, Abihud, ⁴ Abisua, Naaman, Ahoah, ⁵ Gera, Sefufan, dan Huram.

⁶ Inilah anak-anak Ehud (mereka inilah ketua kaum keluarga penduduk Geba yang telah dibuang ke Manahat): ⁷ Naaman, Ahia, dan Gera, yang membuang mereka. Gera beranakkan Uza dan Ahihud.

⁸ Saharaim mempunyai anak di daerah Moab, setelah dia mengusir Husim dan Baara, isteri-isterinya. ⁹ Kemudian daripada Hodes, isterinya, dia beranakkan Yobab, Zibya, Mesa,

Malkam, ¹⁰Yeus, Sokhya, dan Mirma. Itulah para anaknya, para ketua kaum keluarga.

¹¹Anaknya daripada Husim ialah Abitub dan Elpaal.

¹²Anak-anak Elpaal: Eber, Misam, dan Semed, yang membina Ono dan Lod dengan kampung-kampungnya.

¹³Selanjutnya Beria dan Sema, iaitu ketua kaum keluarga penduduk Ayalon yang menghalau penduduk Gat. ¹⁴Ahio, Sasak, Yeremot, ¹⁵Zebaja, Arad, Eder, ¹⁶Mikhail, Yispa, dan Yoha ialah anak-anak Beria.

¹⁷Zebaja, Mesulam, Hizki, Heber, ¹⁸Yismerai, Yizlia, dan Yobab ialah anak-anak Elpaal.

¹⁹Yakim, Zikhri, Zabdi, ²⁰Elyo'enai, Ziletai, Eliel, ²¹Adaya, Beraya, dan Simrat ialah anak-anak Simei.

²²Yispan, Eber, Eliel, ²³Abdon, Zikhri, Hanan ²⁴Hananya, Elam, Antotia, ²⁵Yifdeya, dan Penuel ialah anak-anak Sasak.

²⁶Samserai, Seharya, Atalya, ²⁷Yaaresya, Elia, dan Zikhri ialah anak-anak Yeroham.

²⁸Itulah para ketua kaum keluarga menurut keturunan mereka, kalangan yang terkemuka. Mereka ini tinggal di Yerusalem.

Keturunan Raja Saul

²⁹ Di Gibeon tinggallah bapa Gibeon, iaitu Yeiel. Nama isterinya ialah Maakha. ³⁰ Anak sulungnya ialah Abdon dan seterusnya Zur, Kish, Baal, Nadab, ³¹ Gedor, Ahio, Zekher, ³² dan Miklot yang beranakkan Simea. Mereka juga tinggal berdekatan dengan saudara-saudara mereka di Yerusalem bersama-sama para saudara mereka yang lain.

³³ Ner beranakkan Kish. Kish beranakkan Saul. Saul beranakkan Yonatan, Malkisua, Abinadab, dan Esybaal. ³⁴ Anak lelaki Yonatan ialah Meribaal dan Meribaal beranakkan Mikha.

³⁵ Anak-anak Mikha ialah Piton, Melekh, Tarea, dan Ahas. ³⁶ Ahas beranakkan Yoada dan Yoada beranakkan Alemet, Azmawet, serta Zimri, dan Zimri beranakkan Moza. ³⁷ Kemudian turun-temurun Moza ialah Bina, Rafa, Elasa, Azel.

³⁸ Azel mempunyai enam orang anak lelaki. Inilah nama mereka: Azrikam, Bokhru, Ismael, Searya, Obaja, dan Hanan. Itulah kesemua anak Azel. ³⁹ Anak-anak Esek, saudara Azel: Ulam, anak sulung; Yeus, anak kedua; dan Elifelet, anak ketiga.

⁴⁰ Anak-anak Ulam ialah kesateria yang gagah perkasa dan pemanah. Mereka mempunyai ramai anak dan cucu yakni seramai 150 orang.

Itulah semua keturunan Benyamin.

Daftar penduduk Yerusalem

9¹ Demikianlah semua orang Israel dicatat dalam salasilah. Sesungguhnya, mereka tertulis dalam kitab raja-raja Israel.

Orang Yehuda telah dibuang ke Babel kerana kemunggaran mereka.² Penduduk yang pertama sekali kembali menetap di tanah-tanah milik mereka, di kota-kota mereka, ialah orang Israel awam, para imam, bani Lewi, dan para hamba Bait Allah.

³ Di Yerusalem tinggal para suku bani Yehuda, bani Benyamin, bani Efraim dan Manasye:

⁴ Utai anak Amihud anak Omri anak Imri anak Bani, daripada keturunan Peres anak Yehuda.

⁵ Daripada keturunan Syela: Asaya, anak sulungnya serta anak-anaknya.

⁶ Daripada keturunan Zerah: Yeuel dan saudara-saudaranya – 690 orang.

⁷ Daripada keturunan Benyamin:
Salu anak Mesulam, anak Hodawya, anak Hasenua,

- ⁸ Yibnea anak Yeroham, Ela anak Uzi, anak Mikhri, Mesulam anak Sefaca, anak Rehuel, anak Yibnia,
- ⁹ dan saudara-saudara mereka menurut keturunan mereka – 956 orang. Mereka semua ketua kaum keluarga menurut kaum-kaum keluarga mereka.
- ¹⁰ Daripada para imam ialah Yedaya, Yoyarib, Yakhin,
- ¹¹ Azarya anak Hilkia, anak Mesulam, anak Zadok, anak Merayot, anak Ahitub, ketua pegawai Rumah Allah;
- ¹² Adaya anak Yeroham, anak Pasyhur, anak Malkia; dan Masai anak Adiel, anak Yahzera, anak Mesulam, anak Mesilemit, anak Imer;
- ¹³ dengan para saudara mereka, para ketua kaum keluarga – 1,760 orang. Mereka ialah kalangan yang cukup berkemahiran dalam melaksanakan ibadat di Rumah Allah.
- ¹⁴ Daripada bani Lewi:
- Semaya anak Hasub, anak Azrikam, anak Hasabya, daripada keturunan Merari;
- ¹⁵ seterusnya Bakbakar, Heres, Galal, Matanya anak Mikha, anak Zikhri, anak Asaf, ¹⁶ Obaja anak Semaya, anak Galal, anak Yedutun, dan Berekhya anak Asa,

anak Elkana, yang tinggal di desa-desa orang Netofa.

¹⁷ Para penjaga pintu gerbang:

Salum, Akub, Talmon, Ahiman, dan saudara-saudara mereka. Salum ialah ketua mereka, ¹⁸ yang sampai sekarang menjaga di pintu gerbang raja di sebelah timur. Merekalah penjaga pintu gerbang perkhemahan bani Lewi. ¹⁹ Salum anak Kore, anak Ebyasaf, anak Korah bersama-sama saudaranya sekaum keluarga, iaitu bani Korah, bertugas melaksanakan pekerjaan sebagai penjaga pintu Khemah Suci. Nenek moyang mereka pun dahulu bertanggungjawab atas perkhemahan Tuhan sebagai penjaga pintu masuk. ²⁰ Pinehas anak Eleazar ialah pemimpin mereka pada masa lampau, dan Tuhan menyertainya. ²¹ Zakharia anak Meselemya ialah penjaga pintu Khemah Pertemuan.

²² Jumlah semua orang yang terpilih sebagai penjaga pintu ialah dua ratus dua belas orang. Mereka yang tercatat dalam salasilah di desa-desa mereka ditetapkan oleh Daud dan Samuel, pelihat itu, dalam jawatan tetap itu. ²³ Mereka dan anak-anak mereka bertanggungjawab menjaga pintu-pintu gerbang Bait Tuhan, yang

dahulu disebut Khemah Suci. ²⁴ Para penjaga pintu gerbang ditempatkan pada empat arah mata angin, iaitu timur, barat, utara, dan selatan. ²⁵ Saudara-saudara mereka yang tinggal di desa mereka harus datang setiap tujuh hari, dari waktu ke waktu, untuk menyertai mereka, ²⁶ kerana keempat-empat ketua penjaga pintu gerbang itu memegang jawatan tetap. Mereka itu orang Lewi dan menjadi penanggungjawab bagi bilik-bilik serta perbendaharaan Rumah Allah. ²⁷ Mereka bermalam di sekitar Rumah Allah, kerana mereka bertanggungjawab atas penjagaan. Setiap pagi mereka harus membuka pintu.

²⁸ Sebahagian daripada mereka bertanggungjawab atas segala wadah dan kelengkapan peribadatan. Mereka harus menghitung semua wadah itu pada waktu dimasukkan dan dikeluarkan. ²⁹ Sebahagian lagi daripada mereka ditetapkan sebagai pengurus segala perabot dan kelengkapan tempat suci, juga tepung terbaik, air anggur, minyak, kemenyan, serta rempah-ratus. ³⁰ Beberapa orang daripada keturunan imam bertugas membuat campuran rempah-ratus.

³¹ Matica, salah seorang Lewi yang merupakan anak sulung Salum, orang Korah itu, menjadi petugas tetap yang bertanggungjawab atas

pekerjaan membuat roti. ³²Sebahagian daripada saudara mereka daripada keturunan Kehat bertanggungjawab atas roti persembahan yang harus disiapkan setiap hari Sabat.

³³Berikut ialah para penyanyi, iaitu ketua kaum keluarga orang Lewi, yang tinggal di bilik-bilik dan bebas daripada pekerjaan lain, kerana mereka bertanggungjawab atas pekerjaan itu siang dan malam.

³⁴Itulah para ketua kaum keluarga bani Lewi menurut keturunan mereka. Mereka inilah pemimpin yang tinggal di Yerusalem.

Salasilah Raja Saul

³⁵Di Gibeon tinggallah bapa Gibeon, iaitu Yeiel.
Nama isterinya ialah Maakha.

³⁶Anak sulungnya ialah Abdon, diikuti Zur, Kish,
Baal, Ner, Nadab,

³⁷Gedor, Ahio, Zakharia, dan Miklot.

³⁸Miklot beranakkan Simeam. Mereka
juga tinggal berdekatan dengan
saudara-saudara mereka di Yerusalem
bersama-sama para saudara mereka yang
lain.

³⁹Ner beranakkan Kish. Kish beranakkan Saul.
Saul beranakkan Yonatan, Malkisua,
Abinadab, dan Esybaal.

- ⁴⁰ Anak Yonatan ialah Meribaal. Meribaal beranakkan Mikha.
- ⁴¹ Anak-anak Mikha ialah Piton, Melekh, Tahrea, dan Ahas.
- ⁴² Ahas beranakkan Yaera. Yaera beranakkan Alemet, Azmawet, dan Zimri. Zimri beranakkan Moza. ⁴³ Kemudian turunturun Moza ialah Bina, Refaya dan Elasa, Azel.
- ⁴⁴ Azel mempunyai enam orang anak lelaki. Inilah nama mereka: Azrikam, Bokhru, Ismael, Searya, Obaja, dan Hanan. Itulah anak-anak Azel.

Kematian Raja Saul

10 ¹ Maka orang Filistin berperang melawan orang Israel di Gunung Gilboa lalu larilah orang Israel dari hadapan orang Filistin dan ramailah yang terkorban. ² Lalu orang Filistin mengejar Saul dan anak-anaknya lalu mereka membunuh Yonatan, Abinadab, dan Malkisua, iaitu anak-anak Saul. ³ Semakin sengit peperangan itu menghimpit Saul lalu para pemanah mendapatkannya maka Saul luka parah di tangan para pemanah itu.

⁴ Berkatalah Saul kepada pembawa senjatanya: 'Hunuslah pedangmu dan tikamlah aku, supaya jangan datang kalangan yang tidak bersunat ini

menikam aku dan mempermainkan aku.' Namun begitu, pembawa senjata yang amat takut itu enggan menurut perintah itu. Maka Saul sendiri mengambil pedang itu dan menjatuhkan dirinya ke atasnya. ⁵ Apabila pembawa senjatanya melihat bahawa Saul sudah mati, dia juga menjatuhkan dirinya ke atas pedangnya, lalu mati. ⁶ Maka gugurlah Saul dan ketiga-tiga anaknya serta seluruh keluarganya.

⁷ Apabila orang Israel yang berada di lembah itu lihat betapa pasukan Israel telah lari, dan betapa Saul serta para anaknya telah gugur, mereka pun melarikan diri untuk meninggalkan kota-kota mereka. Kemudian datanglah orang Filistin dan tinggal di kota-kota itu.

⁸ Keesokan harinya, ketika orang Filistin datang untuk merampas apa-apa sahaja yang ada pada musuh yang terkorban itu, mereka menemukan Saul dan ketiga-tiga orang anaknya yang bergelimpangan di Gunung Gilboa. ⁹ Lalu mereka memenggal kepala Saul, melucutkan baju perangnya dan mengutus beberapa orang berkeliling tanah orang Filistin untuk menguar-uarkan hal itu di rumah-rumah berhala mereka dan juga kepada rakyat. ¹⁰ Mereka menyimpan segala senjata Saul di dalam kuil tuhan mereka serta memakukan kepalanya di rumah berhala Dagon.

¹¹ Apabila penduduk Yabesh-Gilead mendengar segala yang telah dilakukan orang Filistin terhadap Saul, ¹² segera bersiaplah semua orang yang gagah perkasa lalu mereka pergi mengambil mayat Saul dan mayat para anaknya. Mereka membawanya ke Yabesh dan menguburkan tulang-tulang mereka itu di bawah pokok oak di Yabesh. Kemudian mereka berpuasa selama tujuh hari.

¹³ Demikianlah Saul mati kerana kemungkarannya yang dilakukannya terhadap Tuhan. Dia tidak berpegang teguh pada firman Tuhan, malah bertanya kepada pemanggil arwah untuk mencari petunjuk, ¹⁴ dan bukan mencari petunjuk Tuhan. Oleh sebab itu Tuhan mengambil nyawanya dan mengalihkan kerajaan itu kepada Daud anak Isai.

Daud menjadi raja atas Israel

11 ¹ Maka berkumpullah semua orang Israel menghadap Daud di Hebron dan berkata, “Sesungguhnya, kami ini darah dagingmu. ² Pada masa dahulu, ketika Saul menjadi raja, tuankulah yang memimpin pergerakan orang Israel. Tuhan, Allahmu, telah berfirman kepada tuanku, ‘Engkaulah akan menggembala

umat-Ku Israel dan engkaulah yang akan menjadi pemimpin atas umat-Ku Israel.' ”³ Demikianlah semua tua-tua Israel datang menghadap raja di Hebron lalu Daud mengikat perjanjian dengan mereka di Hebron, di hadapan Tuhan. Maka mereka melantik Daud menjadi raja atas orang Israel, seperti yang difirmankan Tuhan dengan perantaraan Samuel.

Raja Daud menakluki Yerusalem dan menetap di sana

⁴ Daud dan semua orang Israel pergi ke Yerusalem, yaitu Yebus. Orang Yebus, penduduk negeri itu, tinggal di sana. ⁵ Kata penduduk Yebus kepada Daud, “Engkau tidak akan berjaya masuk ke mari.” Tetapi Daud merebut kubu pertahanan Sion, yaitu Kota Daud. ⁶ Daud berkata, “Sesiapa pun yang lebih dahulu menyerang orang Yebus, akan menjadi ketua dan panglima.” Yoab anak Zeruya maju lebih dahulu sehingga dia berjaya diangkat menjadi ketua. ⁷ Kemudian Daud tinggal di kubu pertahanan itu lantas tempat itu dinamakan Kota Daud. ⁸ Dia membina kota itu berkeliling, dari Milo ke daerah sekitarnya manakala Yoab memperbaiki bahagian kota yang selebihnya itu. ⁹ Kebesaran Daud semakin

bertambah kerana Tuhan alam semesta, menyertainya.

Kesateria Raja Daud

¹⁰ Inilah para ketua kesateria Daud. Bersama-sama semua orang Israel, mereka memberikan sokongan yang kuat kepadanya dalam kerajaannya sehingga mantap kedudukannya sebagai raja, seperti yang difirmankan Tuhan mengenai Israel.

¹¹ Inilah daftar kesateria Daud: Yasobam, anak orang Hakhmoni, ketua bagi Tiga Orang Panglima. Dia pernah menggunakan tombaknya melawan tiga ratus orang yang kemudian ditewaskannya dalam satu pertempuran.

¹² Selepasnya ialah Eleazar anak Dodo, orang Ahohi iaitu seorang daripada tiga orang panglima itu. ¹³ Dialah yang menyertai Daud di Pas-Damim

ketika orang Filistin berkumpul di sana untuk berperang. Ada sepetak ladang yang penuh dengan pokok barli di sana – ketika pasukan telah melarikan diri dari hadapan orang Filistin –

¹⁴ mereka berdiri di tengah-tengah ladang itu, mempertahankannya, dan mengalahkan orang Filistin. Demikianlah Tuhan menyelamatkan mereka dengan kemenangan yang besar.

¹⁵ Maka datanglah tiga orang daripada tiga puluh orang ketua ke bukit batuan mendapatkan

Daud di gua Adulam, sementara pasukan orang Filistin berkhemah di Lembah Refaim. ¹⁶ Pada waktu itu Daud sedang berada di kubu pertahanan, sementara pasukan pendudukan orang Filistin berada di Betlehem. ¹⁷ Lalu timbullah keinginan dalam diri Daud, katanya, “Mudah-mudahan ada orang memberi aku air minum daripada perigi Betlehem yang ada berdekatan dengan pintu gerbang!” ¹⁸ Maka tiga orang kesateria utama itu menerobos perkhemahan orang Filistin dan menimba air daripada perigi Betlehem yang ada berdekatan dengan pintu gerbang, lalu mengangkat dan membawanya kepada Daud. Namun demikian, Daud tidak mahu meminumnya, malahan dia mencurahkanya sebagai persembahan kepada Tuhan, ¹⁹ dan berkata, “Demi Allah, janganlah aku sekali-kali berbuat demikian! Wajarkah aku minum darah taruhan nyawa orang ini? Dengan mempertaruhkan nyawa mereka membawa air ini.” Oleh itu, dia tidak mahu meminumnya. Itulah yang dilakukan oleh ketiga-tiga orang kesateria itu.

²⁰ Abisai, adik Yoab ialah ketua kepada ketiga-tiga orang itu. Dia pernah menggunakan tombaknya melawan tiga ratus orang dan menewaskan semuanya, sehingga namanya masyhur di samping Tiga Orang Panglima itu.

²¹ Antara ketiga-tiga orang itu, dialah yang paling dihormati dan menjadi pemimpin mereka, tetapi tidak mencapai tahap seperti Tiga Orang Panglima.

²² Benaya anak Yoyada pula ialah anak seorang yang gagah perkasa dari Kabzeel, yang berjasa besar. Dia menewaskan kedua-dua orang pahlawan besar dari Moab. Dia juga pernah turun ke dalam sebuah lubang dan membunuh seekor singa pada suatu ketika salji turun.

²³ Selain itu, dia menewaskan seorang Mesir yang berbadan sasa setinggi lima hasta. Di tangan orang Mesir itu ada sebatang tombak seperti kayu penggulung tenun bersilang, tetapi Benaya mendatangnya dengan sebatang tongkat.

Dirampasnya tombak daripada tangan orang Mesir itu, lalu ditewaskannya orang itu dengan tombaknya sendiri. ²⁴ Itulah yang dilakukan Benaya anak Yoyada. Namanya masyhur di samping Tiga Orang Panglima itu. ²⁵ Antara Tiga Puluh Orang Kesateria itu, dia termasuk yang paling dihormati, tetapi tidak seperti Tiga Orang Panglima. Daud mengangkatnya menjadi ketua pengawalnya.

²⁶ Para kesateria gagah perkasa yang lain ialah: Asael, adik Yoab;

Elhanan anak Dodo, orang Betlehem;

²⁷ Samot, orang Harod;

Heles, orang Peloni;

²⁸ Ira anak Ikes, orang Tekoa;

Abiezer, orang Anatot;

²⁹ Sibkhai, orang Husa;

Ilai, orang Ahohi;

³⁰ Maharai, orang Netofa;

Heled anak Baana, orang Netofa;

³¹ Itai anak Ribai dari Gibea, orang Benyamin;

Benaya, orang Piraton;

³² Hurai dari lembah Gaas;

Abiel, orang Bet-Araba;

³³ Azmawet, orang Bahurim;

Elyahba, orang Saalbon;

³⁴ Anak-anak Hasyem, orang Gizon;

Yonatan anak Sage, orang Harari;

³⁵ Ahiam anak Sakhar, orang Harari;

Elifal anak Ur;

³⁶ Hefer, orang Mekherati;

Ahia, orang Peloni;

³⁷ Hezro, orang Karmel;

Naarai anak Esbai;

³⁸ Yo'el, saudara Natan;

Mibhar anak Hagri;

³⁹ Zelek, orang Amon;

Naharai, orang Beerot, pembawa senjata Yoab
anak Zeruya;

⁴⁰ Ira, orang Yetri;

Gareb, orang Yetri;

⁴¹ Uria, orang Het;

Zabad anak Ahlai;

⁴² Adina anak Siza orang Ruben. Dia ketua orang Ruben dan bersertanya ada tiga puluh orang.

⁴³ Hanan anak Maakha;

Yosafat, orang Mitni;

⁴⁴ Uzia, orang Asytarot;

Syama dan Yeiel, anak-anak Hotam orang Aroer;

⁴⁵ Yediael anak Simri dan Yoha, saudaranya, orang Tizi;

⁴⁶ Eliel, orang Mahawim;

Yeribai dan Yosawya, anak-anak Elnaam;

Yitma, orang Moab;

⁴⁷ Eliel, Obed, dan Yaasiel, orang Mezobaya.

Para pengikut Raja Daud di Ziklag

12 ¹ Inilah para lelaki yang datang kepada Daud di Ziklag ketika dia masih menyembunyikan diri kerana Saul anak Kish. Termasuk antara mereka ialah para kesateria yang membantunya dalam peperangan. ² Mereka bersenjatakan busur panah, dan tahu memanah serta melontar batu dengan tangan kanan atau tangan kiri. Mereka itu para saudara Saul, daripada suku Benyamin: ³ Ahiezer sebagai ketua, dan Yoas, anak-anak Semaa orang Gibeaa; Yeziel

dan Pelet, anak-anak Azmawet; Berakha dan Yehu, orang Anatot; ⁴ Yismaya, orang Gibeon, seorang daripada Tiga Puluh Orang Kesateria, dan yang bertanggungjawab atas Tiga Puluh Orang Kesateria itu; Yeremia, Yehaziel, Yohanan, dan Yozabad orang Gedera; ⁵ Eluzai, Yerimot, Bealya, Semarya, dan Sefaca orang Harufi; ⁶ Elkana, Yisia, Azareel, Yo'ezer, dan Yasobam, orang Korah; ⁷ Yo'ela dan Zebaja, anak-anak Yeroham, dari Gedor.

⁸ Daripada suku Gad ada juga yang memisahkan diri dan menemui Daud di kubu pertahanan, di gurun. Mereka itu kesateria yang gagah perkasa, kalangan yang mahir dalam ilmu peperangan dan pandai menggunakan perisai serta tombak. Paras mereka seperti singa dan tangkasnya seperti kijang di gunung:

⁹ Ezer, ketua;

Obaja, orang kedua; Eliab, orang ketiga;

¹⁰ Mismana, orang keempat; Yeremia, orang kelima;

¹¹ Atai, orang keenam; Eliel, orang ketujuh;

¹² Yohanan, orang kelapan; Elzabad, orang kesembilan;

¹³ Yeremia, orang kesepuluh; Makhbanai, orang kesebelas.

¹⁴ Merekalah orang daripada bani Gad yang menjadi para ketua tentera; yang terkecil

sebanding dengan seratus orang, dan yang terbesar sebanding dengan seribu orang.

¹⁵ Merekalah yang menyeberangi Sungai Yordan pada bulan pertama ketika sungai itu meluap sepanjang tepiannya, dan merekalah yang menghalau seluruh penduduk lembah itu ke sebelah timur dan ke sebelah barat.

¹⁶ Beberapa orang daripada bani Benyamin dan Yehuda datang ke kubu pertahanan mendapatkan Daud. ¹⁷ Daud keluar menyongsong mereka dan berkata kepada mereka, “Jika kamu datang menemuiku dengan tujuan berdamai, untuk membantuku, aku mahu bersekutu dengan kamu. Tetapi jika kamu datang untuk menyerahkan aku dengan tipu daya kepada lawan-lawanku padahal tidak ada kekerasan padaku, semoga Allah nenek moyang kita melihat hal itu dan menghukum kamu.”

¹⁸ Lalu Roh menguasai Amasai, pemimpin Tiga Puluh Orang Kesateria, dan dia berkata,

“Kami ini milikmu, wahai Daud!
Kami menyertaimu, wahai anak Isai!
Sejahtera, sejahteralah engkau,
dan sejahteralah para penolongmu,
kerana Allahmu menolong engkau.”

Maka Daud menyambut mereka dan mengangkat mereka untuk menjadi ketua pasukan.

¹⁹ Beberapa orang daripada bani Manasye pun ada yang membelot kepada Daud ketika dia maju bersama-sama orang Filistin untuk berperang melawan Saul. Sebenarnya Daud dan orangnya tidak membantu orang Filistin, kerana para raja kota orang Filistin itu berunding lalu menyuruhnya pergi. Kata mereka, “Dengan taruhan kepala kita dia akan membelot kembali kepada tuannya, Saul.” ²⁰ Sementara Daud berjalan ke Ziklag, beberapa orang Manasye itu membelot kepadanya: Adnah, Yozabad, Yediael, Mikhail, Yozabad, Elihu, dan Ziletai, para ketua pasukan seribu daripada orang Manasye. ²¹ Mereka membantu Daud melawan gerombolan, kerana mereka semua kesateria yang gagah perkasa serta panglima tentera. ²² Dari hari ke hari, orang berdatangan kepada Daud untuk membantunya, sehingga mereka menjadi pasukan yang besar, seperti pasukan Allah.

Pasukan Raja Daud di Hebron

²³ Inilah jumlah orang bersenjata dan siap bertempur, yang datang kepada Daud di Hebron untuk mengalihkan kerajaan Saul kepadanya selaras dengan firman Tuhan:

- ²⁴ Daripada bani Yehuda, yang mengangkat perisai dan tombak – 6,800 orang bersenjata dan siap bertempur.
- ²⁵ Daripada bani Simeon, para kesateria yang gagah perkasa dan siap bertempur – 7,100 orang.
- ²⁶ Daripada bani Lewi – 4,600 orang,
²⁷ termasuk Yoyada, pemimpin bani Harun, dengan 3,700 orang yang menyertainya. ²⁸ Selanjutnya Zadok, seorang kesateria muda yang gagah perkasa, dengan 22 orang pemimpin daripada kaum keluarganya.
- ²⁹ Daripada bani Benyamin, para saudara Saul – 3,000 orang, kerana sampai saat itu kebanyakan daripada mereka masih tetap setia kepada keluarga Saul.
- ³⁰ Daripada bani Efraim – 20,800 orang kesateria yang gagah perkasa, orang yang ternama antara kaum keluarga mereka.
- ³¹ Daripada separa suku Manasye – 18,000 orang yang terpilih khusus dengan nama mereka disebut untuk pergi menobatkan Daud menjadi raja.
- ³² Daripada bani Isakhar, orang yang mempunyai pengertian tentang saat-saat yang baik, sehingga mereka tahu apa yang patut diperbuat oleh orang Israel –

200 orang ketua, dengan semua saudara mereka di bawah perintah mereka.

³³ Daripada bani Zebulon, orang yang sanggup berperang, pandai menggunakan segala jenis senjata perang, dan siap membantu tanpa bercabang hati – 50,000 orang.

³⁴ Daripada bani Naftali – 1,000 orang pemimpin dan 37,000 orang yang menyertai mereka dengan perisai dan tombak.

³⁵ Daripada bani Dan, orang yang pandai berperang – 28,600 orang.

³⁶ Daripada bani Asyer, orang yang sanggup berperang dan yang pandai berperang – 40,000 orang.

³⁷ Dari seberang Sungai Yordan, iaitu daripada bani Ruben, bani Gad, dan separa suku Manasye – 120,000 orang yang siap bertempur dengan segala jenis senjata perang.

³⁸ Kesemuanya pejuang yang tahu mengatur barisan perang. Mereka datang ke Hebron dengan tulus hati untuk menobatkan Daud menjadi raja atas seluruh Israel. Semua orang Israel yang lain pun bersatu hati untuk menobatkan Daud menjadi raja. ³⁹ Tiga hari lamanya mereka tinggal di sana bersama dengan Daud, makan dan minum, kerana para saudara

mereka menjamu mereka. ⁴⁰ Juga kalangan yang tinggal dekat mereka, bahkan dari daerah Isakhar, Zebulon, dan Naftali, membawa berlimpah-ruah makanan daripada tepung, kuih ara, kuih kismis, air anggur, minyak, juga sapi, domba – dimuat di atas keldai, unta, baghal, serta lembu – kerana ada sukacita di Israel.

Tabut perjanjian Allah dipindahkan dari Kiryat-Yearim

13 ¹ Daud berunding dengan semua pemimpin, iaitu dengan para pemimpin pasukan seribu dan pasukan seratus. ² Setelah itu, Daud berkata kepada seluruh jemaah Israel, “Jika baik menurutmu dan jika hal ini berasal daripada Tuhan, Allah kita, mari kita kirim utusan untuk menyiarkan khabar kepada saudara-saudara kita yang lain di seluruh Tanah Israel, juga kepada para imam dan bani Lewi yang tinggal dengan mereka di kota-kota yang dikelilingi padang ragut, supaya mereka berkumpul bersama kita. ³ Mari kita bawa kembali tabut Allah kita ke tempat kita, kerana pada zaman Saul kita tidak mempedulikan hal itu.” ⁴ Seluruh jemaah itu bersetuju untuk berbuat demikian, kerana hal itu dipandang baik oleh seluruh bangsa.

⁵ Maka Daud mengumpulkan semua orang Israel, mulai Sihor di Mesir sampai ke jalan masuk Hamat, untuk membawa tabut Allah dari Kiryat-Yearim. ⁶ Lalu Daud dan semua orang Israel berangkat ke Baala, iaitu Kiryat-Yearim, yang termasuk wilayah Yehuda, untuk mengangkut tabut Allah dari sana; tabut itu disebut dengan nama Tuhan yang bersemayam di atas malaikat-malaikat kerubin. ⁷ Kemudian dari rumah Abinadab mereka menaikkan tabut Allah itu ke atas pedati yang baru. Uza dan Ahio menghantar pedati itu. ⁸ Lalu di hadapan Allah, Daud dan semua orang Israel menari-nari dengan sekuat tenaga diiringi nyanyian, kecapi, gambus, rebana, ceracap, serta nafiri.

⁹ Ketika mereka sampai di tempat pembantingan Kidon, Uza menghulurkan tangannya untuk memegang tabut itu, kerana lembu-lembu penarik pedati itu tersandung. ¹⁰ Maka menyalalah murka Tuhan terhadap Uza, dan Allah mengazabkan Uza kerana dia telah menghulurkan tangannya memegang tabut itu. Maka matilah Uza di sana, di hadapan Allah. ¹¹ Daud berasa kesal kerana Tuhan telah menyambar Uza. Itulah sebabnya tempat itu disebut Peres-Uza sampai hari ini.

¹² Pada hari itu Daud menjadi takut kepada Allah, katanya, “Bagaimanakah tabut Allah itu dapat kubawa ke tempatku?” ¹³ Oleh sebab itu Daud tidak jadi memindahkan tabut itu ke tempatnya, iaitu ke Kota Daud, melainkan menyinggahkannya di rumah Obed-Edom, orang Gat. ¹⁴ Maka tabut Allah itu tinggal di rumah keluarga Obed-Edom selama tiga bulan dan Tuhan pun memberkati keluarga Obed-Edom dan segala miliknya.

Istana dan rumah tangga Raja Daud

14 ¹ Hiram, raja Tirus, menghantar beberapa orang utusan kepada Daud dengan membawa kayu araz, tukang-tukang batu, dan tukang-tukang kayu untuk membina istana baginya. ² Maka sedarlah Daud bahawa Tuhan telah mengukuhkan dia menjadi raja atas Israel, dan bahawa martabat kerajaannya terangkat tinggi demi Israel, umat-Nya.

³ Daud mengambil beberapa isteri lagi di Yerusalem. Bagi Daud masih lahir lagi anak-anak lelaki dan perempuan. ⁴ Inilah nama anak-anak yang dilahirkan di Yerusalem: Syamua, Sobab, Natan, Salomo ⁵ Yibhar, Elisua, Elpelet, ⁶ Nogah, Nefeg, Yafia ⁷ Elisama, Beelyada, dan Elifelet.

Raja Daud memukul kalah orang Filistin

⁸ Ketika orang Filistin mendengar bahawa Daud telah dilantik menjadi raja atas seluruh Israel, pergilah semua orang Filistin untuk mencari Daud. Akan tetapi Daud mendapat tahu tentang hal itu, lalu dia pun pergi menghadapi mereka.

⁹ Setelah orang Filistin datang dan melakukan penyerbuan di Lembah Refaim, ¹⁰ Daud meminta petunjuk Allah, katanya, “Haruskah aku maju menyerang orang Filistin? Adakah akan Engkau menyerahkan mereka ke dalam tanganku?”

Firman Tuhan kepadanya, “Majulah, Aku akan menyerahkan mereka ke dalam tanganmu.”

¹¹ Maka majulah mereka ke Baal-Perasim, dan Daud mengalahkan orang Filistin di sana. Daud berkata, “Sebagaimana air yang menerobos, Allah telah menerobos musuhku dengan perantaraanku.” Itulah sebabnya tempat itu dinamai Baal-Perasim. ¹² Orang Filistin meninggalkan berhala-berhala⁵ mereka di sana, lalu Daud memerintahkan agar kesemua berhala itu dibakar habis.

¹³ Sekali lagi orang Filistin melakukan penyerbuan di lembah. ¹⁴ Daud pun menanyakan

⁵**14:12** Atau: Tuhan-tuhan mereka. Biasanya, tuhan mereka berupa patung berhala.

petunjuk Allah lagi, dan Allah berfirman kepadanya, “Jangan maju mengejar mereka. Bergeraklah melingkari mereka dan datangilah mereka dari seberang pokok-pokok kertau itu. ¹⁵ Nanti, ketika engkau mendengar bunyi derap langkah di atas pokok-pokok kertau itu, majulah berperang kerana Allah telah maju mendahuluimu untuk mengalahkan pasukan orang Filistin.” ¹⁶ Daud melakukan seperti yang diperintahkan Allah kepadanya. Mereka mengalahkan pasukan Filistin itu dari Gibeon sampai ke Gezer.

¹⁷ Maka tersiarlah kemasyhuran Daud di segala negeri, dan Tuhan membuat segala bangsa berasa takut kepadanya.

Tabut perjanjian Allah dipindahkan ke Yerusalem

15 ¹ Setelah Daud membina rumah-rumah bagi dirinya di Kota Daud, dia menyiapkan tempat untuk tabut Allah dan membentangkan sebuah khemah untuknya. ² Pada waktu itu Daud berkata, “Tiada seorang pun boleh mengusung tabut Allah selain bani Lewi, kerana merekalah yang dipilih Tuhan untuk mengusung tabut Tuhan dan mengurusnya untuk selama-lamanya.”

³ Kemudian Daud menghimpunkan semua orang Israel di Yerusalem untuk mengangkut tabut Tuhan ke tempat yang telah disiapkannya.

⁴ Setelah itu, Daud mengumpulkan bani Harun

dan bani Lewi. ⁵ Daripada bani Kehat: Uriel, pemimpin, dengan 120 orang saudaranya;

⁶ daripada bani Merari: Asaya, pemimpin, dengan 220 orang saudaranya; ⁷ daripada bani

Gerson: Yo'el, pemimpin, dengan 130 orang saudaranya; ⁸ daripada bani Elisafan: Semaya,

pemimpin, dengan 200 orang saudaranya;

⁹ daripada bani Hebron: Eliel, seorang pemimpin, dengan 80 orang saudaranya; ¹⁰ daripada bani

Uziel: Aminadab, pemimpin, dengan 112 orang saudaranya.

¹¹ Selanjutnya Daud memanggil Imam Zadok dan Imam Abyatar, serta bani Lewi, iaitu Uriel, Asaya, Yo'el, Semaya, Eliel, dan Aminadab.

¹² Katanya kepada mereka, "Kamu para ketua kaum keluarga Lewi. Sucikanlah dirimu dan juga para saudaramu untuk mengangkut tabut Tuhan, Allah Israel, ke tempat yang telah

kusiapkan. ¹³ Kali pertama dahulu bukan kamu yang mengusungnya, sehingga Tuhan, Allah kita, menyambar kita. Kita tidak mencari petunjuk-Nya seperti yang semestinya."

¹⁴ Maka para imam dan bani Lewi pun menyucikan diri untuk mengangkut tabut Tuhan,

Allah Israel. ¹⁵ Lalu bani Lewi mengusung tabut Allah itu dengan kayu pengusung di atas bahu mereka, seperti yang diperintahkan Musa menurut firman Tuhan.

¹⁶ Daud memerintahkan para pemimpin bani Lewi untuk menugaskan saudara-saudara mereka, yaitu para penyanyi, untuk membawa alat-alat muzik seperti gambus, kecapi, dan ceracap. Mereka harus memperdengarkan nada kegembiraan dengan nyaring. ¹⁷ Maka bani Lewi menugaskan Heman anak Yo'el, Asaf anak Berekhya daripada kalangan saudara-saudara mereka, dan Etan anak Kusaya daripada kalangan bani Merari, saudara-saudara mereka.

¹⁸ Mereka disertai pula para saudara mereka daripada kelompok kedua, yaitu Zakharia, Yaaziel, Semiramot, Yehiel, Uni, Eliab, Benaya, Maaseya, Matica, Elifele, Mikneya, serta Obed-Edom dan Yeiel, para penjaga pintu gerbang. ¹⁹ Para penyanyi, yaitu Heman, Asaf, dan Etan, harus memperdengarkan bunyi-bunyian ceracap tembaga. ²⁰ Zakharia, Aziel, Semiramot, Yehiel, Uni, Eliab, Maaseya, dan Benaya harus memainkan gambus pada nada tinggi. ²¹ Matica, Elifele, Mikneya, Obed-Edom, Yeiel, dan Azazy

harus memainkan kecapi yang lebih rendah lapan nada untuk memimpin nyanyian.

²² Kenanya ialah pemimpin bani Lewi dalam bidang nyanyian. Dia bertugas mengajarkan nyanyian kerana dia ahli dalam bidang itu.

²³ Berekhya dan Elkana ialah penjaga pintu gerbang bagi tabut itu. ²⁴ Sebanya, Yosafat, Netaneel, Amasai, Zakharia, Benaya, dan Eliezer, para imam, meniup nafiri di depan tabut Allah. Obed-Edom dan Yehia ialah penjaga pintu gerbang bagi tabut itu.

²⁵ Daud, tua-tua Israel, dan pemimpin pasukan seribu pergi mengangkut tabut perjanjian Tuhan dari rumah Obed-Edom dengan sukacita.

²⁶ Kerana Allah menolong bani Lewi yang mengusung tabut perjanjian Tuhan itu, maka dikorbankanlah tujuh ekor lembu dan tujuh ekor domba jantan. ²⁷ Daud memakai jubah daripada kain linen halus, demikian juga semua bani Lewi yang mengusung tabut, para penyanyi, dan Kenanya, pemimpin nyanyian para penyanyi. Daud juga memakai baju efod daripada kain linen. ²⁸ Seluruh orang Israel mengiringi pengangkutan tabut perjanjian Tuhan dengan sorak-sorai dan dengan bunyi sangkakala, nafiri, dan ceracap, sambil memperdengarkan permainan gambus dan kecapi.

²⁹ Ketika tabut perjanjian Tuhan masuk ke Kota Daud, Mikhal anak Saul menjenguk dari jendela dan melihat Raja Daud sedang melompat-lompat serta menari-nari. Maka dalam hatinya, dia memandang rendah terhadap Daud.

16 ¹ Tabut perjanjian Allah dibawa masuk dan diletakkan di tengah-tengah khemah yang dibentangkan Daud untuknya. Lalu mereka mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian di hadapan Allah. ² Setelah Daud selesai mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian, dia memohonkan berkat bagi bangsa itu dengan nama Tuhan.

³ Diagih-agihkannya kepada semua orang Israel, baik laki-laki mahupun perempuan, masing-masing sebuku roti, sepotong daging, dan seketul kuih kismis.

⁴ Kemudian Daud mengangkat beberapa orang Lewi sebagai penyelenggara ibadat di hadapan tabut Tuhan. Mereka harus berzikir, mengucapkan syukur, dan memuji Tuhan, Allah Israel. ⁵ Asaf ialah ketuanya, Zakharia orang keduanya, selanjutnya Yeiel, Semiramot, Yehiel, Matica, Eliab, Benaya, Obed-Edom, dan Yeiel. Mereka harus memainkan gambus serta kecapi, sementara Asaf harus membunyikan ceracap.

⁶ Benaya dan Yahaziel, iaitu para imam, harus

selalu meniup nafiri di hadapan tabut perjanjian Allah.

Nyanyian puji-pujian Raja Daud

⁷ Maka pada hari itu juga, untuk pertama kalinya Daud melantik Asaf dan saudara-saudaranya untuk menyanyikan ucapan syukur kepada Tuhan:

⁸ Ucaplah syukur kepada Tuhan, serulah nama-Nya,
masyhurkanlah perbuatan-Nya di antara bangsa-bangsa!

⁹ Bernyanyilah bagi-Nya, lantunkanlah puji-pujian bagi-Nya,
ceritakanlah segala perbuatan-Nya yang ajaib!

¹⁰ Bermegahlah dalam nama-Nya yang suci,
biarlah kalangan yang mencari hadirat Tuhan bersuka hati.

¹¹ Carilah hadirat Tuhan dan kekuatan-Nya,
carilah hadirat-Nya selalu.

¹² Ingatlah perbuatan-perbuatan ajaib yang dilakukan-Nya,
segala mukjizat-Nya, dan hukuman yang difirmankan-Nya,

¹³ wahai keturunan Israel, hamba-Nya,
wahai bani Yakub, segala orang pilihan-Nya.

¹⁴ Dialah Tuhan, Allah kita,

- hukuman-Nya berlaku di seluruh bumi.
- ¹⁵ Dia mengingat perjanjian-Nya untuk selama-lamanya juga firman yang diperintahkan-Nya kepada seribu keturunan,
- ¹⁶ iaitu perjanjian yang diikat-Nya dengan Abraham dan sumpah-Nya kepada Ishak.
- ¹⁷ Dia meneguhkannya bagi Yakub sebagai ketetapan, dan bagi Israel sebagai perjanjian kekal,
- ¹⁸ firman-Nya, “Kepadamu akan Kukurniakan Tanah Kanaan sebagai bahagian harta pusakamu.”
- ¹⁹ Ketika jumlah mereka sedikit, kecil sahaja, dan tinggal sebagai pendatang di sana,
- ²⁰ mengembara daripada bangsa kepada bangsa, daripada satu kerajaan kepada suku bangsa yang lain,
- ²¹ Dia tidak membiarkan orang menindas mereka.
- Raja-raja ditegur-Nya kerana mereka,
- ²² “Jangan sentuh orang yang Kulantik,

16:16 a: Kej 12:7; **b:** Kej 26:3. **16:17:** Kej 28:13.

16:21: Kej 20:3-7.

- jangan berbuat jahat kepada para nabi-Ku.”
- ²³ Bernyanyilah bagi Tuhan, wahai seluruh bumi,
khabarkanlah penyelamatan daripada-Nya hari demi hari.
- ²⁴ Ceritakanlah kemuliaan-Nya di antara bangsa-bangsa dan segala perbuatan-Nya yang ajaib antara segala suku bangsa.
- ²⁵ Maha besar Tuhan dan sangat terpuji, Dia patut ditakuti lebih daripada segala tuhan.
- ²⁶ Segala tuhan yang disembah bangsa-bangsa ialah berhala, tetapi Tuhan sajalah yang menjadikan langit.
- ²⁷ Keagungan dan semarak ada dalam hadirat-Nya, kekuatan dan kegembiraan ada di tempat kediaman-Nya.
- ²⁸ Persembahkanlah kepada Tuhan, wahai kaum suku-suku bangsa, persembahkanlah kepada Tuhan kemuliaan dan kekuatan!
- ²⁹ Persembahkanlah kepada Tuhan kemuliaan nama-Nya. Bawalah persembahan dan masuklah menghadap-Nya!

Sujudlah menyembah Tuhan dengan berhiaskan kesucian.

³⁰ Gementarlah di hadapan-Nya, wahai seluruh bumi;
ya, dunia tegak, tidak bergoyang.

³¹ Biarlah langit bersukacita dan bumi bergembira,
biarlah orang berkata antara bangsa-bangsa,
“Tuhan bertakhta!”

³² Biarlah laut bergemuruh dengan segala isinya,
biarlah padang bersuka ria dengan segala yang ada padanya.

³³ Pada waktu itu pokok-pokok di hutan akan bersorak-sorai di hadapan Tuhan,
kerana Dia datang untuk menghakimi bumi.

³⁴ Mengucap syukurlah kepada Tuhan kerana Dia baik,
kasih-Nya kekal selama-lamanya.

³⁵ Katakanlah, “Selamatkanlah kami, ya Allah,
Penyelamat kami.

Kumpulkanlah kami dan lepaskanlah kami daripada bangsa-bangsa,
supaya kami dapat mengucap syukur kepada nama-Mu yang suci

dan bermegah dalam puji-pujian kepada-Mu.”

³⁶ Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel, dari selama-lamanya sampai selama-lamanya!

Seluruh umat berkata, “Amin,” dan memuji Tuhan.

Pelantikan orang untuk tugas ibadat

³⁷ Daud meninggalkan Asaf dan saudara-saudaranya di sana, di hadapan tabut perjanjian Tuhan. Mereka harus sentiasa menyelenggarakan ibadat di hadapan tabut itu, menurut apa yang patut dilakukan setiap hari. ³⁸ Dia juga meninggalkan Obed-Edom dan kesemua enam puluh lapan orang saudaranya. Obed-Edom anak Yedutun dan Hosa ialah para penjaga pintu gerbang.

³⁹ Imam Zadok dan saudara-saudaranya, para imam, ditinggalkannya di hadapan Khemah Suci Tuhan di bukit pemujaan di Gibeon.

⁴⁰ Secara tetap, pagi dan petang, mereka harus mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan di atas mazbah korban bakaran, selaras dengan semua yang tertulis dalam hukum Taurat Tuhan, iaitu hukum yang diperintahkan Tuhan kepada orang Israel. ⁴¹ Mereka disertai oleh Heman, Yedutun, dan orang pilihan selebihnya,

yang dilantik dengan disebut nama mereka untuk mengucap syukur kepada Tuhan: “Kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.”⁴² Heman dan Yedutun bertugas membunyikan nafiri dan ceracap, serta memainkan alat-alat muzik untuk mengiringi nyanyian bagi Allah. Anak-anak Yedutun bertugas menjaga pintu gerbang.

⁴³ Kemudian seluruh bangsa itu pulang ke rumah masing-masing. Daud pun pulang untuk memberkati keluarganya.

Janji tentang Bait Suci yang akan didirikan oleh Raja Salomo

17¹ Maka setelah selesai Daud menetap dalam istananya, berkatalah dia kepada nabi Natan, “Lihatlah, aku ini tinggal di dalam rumah yang dibina daripada kayu araz, tetapi tabut perjanjian Tuhan berada di bawah khemah.”

² Jawab Natan kepada Daud, “Lakukanlah segala sesuatu yang tuanku niatkan, kerana Allah menyertai tuanku.”

³ Pada malam itu juga, datanglah firman Tuhan kepada Natan, demikian, ⁴ “Pergilah dan katakanlah kepada hamba-Ku Daud, ‘Beginilah firman Tuhan: Bukan engkau yang akan membina

bagi-Ku bait untuk didiami. ⁵ Aku tidak pernah tinggal di dalam sebuah bait pun sejak Aku menuntun orang Israel ke mari sampai hari ini. Tetapi Aku selalu hadir dari khemah ke khemah, dari persemayaman ke persemayaman. ⁶ Ke mana jua sahaja Aku mengembara bersama dengan seluruh orang Israel, pernahkah Kukatakan kepada mana-mana hakim yang Kuperintahkan menggembala umat-Ku Israel, ‘Mengapakah kamu tidak membina bagi-Ku sebuah bait daripada kayu araz?’ ’

⁷ Sekarang, beginilah harus kaukatakan kepada hamba-Ku Daud, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta: Aku telah mengambil engkau dari padang ragut, daripada pekerjaan menggiring kawanan domba, untuk menjadi pemimpin atas umat-Ku Israel. ⁸ Aku telah menyertai engkau ke mana-mana pun engkau pergi dan telah melenyapkan semua musuhmu daripada hadapanmu. Aku akan membuat namamu masyhur, seperti nama orang besar yang ada di bumi. ⁹ Aku akan menentukan suatu tempat bagi umat-Ku Israel dan menempatkan mereka di sana, sehingga mereka mendiami tempat sendiri tanpa diganggu lagi. Mereka tidak akan tertindas lagi oleh orang zalim seperti sebelumnya, ¹⁰ sejak Aku melantik hakim-hakim untuk memimpin umat-Ku Israel. Aku akan

menundukkan semua musuhmu. Selain itu, Tuhan pun menyatakan kepadamu bahawa Tuhan akan membina sebuah keluarga bagimu. ¹¹ Apabila umurmu telah genap dan engkau pergi menyusul nenek moyangmu, maka Aku akan membangkitkan keturunanmu kelak, seorang daripada anakmu, dan Aku akan mengukuhkan kerajaannya. ¹² Dialah yang akan membina bait bagi-Ku, dan Aku akan mengukuhkan takhtanya untuk selama-lamanya. ¹³ Aku akan menjadi Bapa baginya dan dia akan menjadi anak bagi-Ku. Aku tidak akan menjauhkan kasih abadi-Ku daripadanya, sebagaimana Aku menjauhkannya daripada pendahulumu. ¹⁴ Aku akan menegakkan dia dalam bait-Ku dan dalam kerajaan-Ku untuk selama-lamanya. Takhtanya akan kukuh untuk selama-lamanya.’ ”

¹⁵ Selaras dengan semua firman dan semua penglihatan ini, demikianlah disampaikan Natan kepada Daud.

Doa syukur Raja Daud

¹⁶ Kemudian masuklah Raja Daud lantas bersimpuh di hadapan Allah dan berkata, “Ya Tuhan Allah, siapakah aku ini dan siapakah keluargaku sehingga Engkau membawa aku

sampai sejauh ini? ¹⁷ Bahkan ternyata pula perkara ini perkara biasa di mata-Mu, ya Allah, kerana Engkau telah berfirman pula mengenai keluarga hamba-Mu ini untuk masa yang masih jauh di hadapan. Engkau memandang aku seperti orang yang berkedudukan tinggi, ya Tuhan Allah. ¹⁸ Entah apa lagi yang dapat disampaikan oleh Daud kepada-Mu atas kemuliaan yang dikurniakan kepada hamba-Mu ini? Engkau mengenal hamba-Mu ini. ¹⁹ Ya Tuhan, demi hamba-Mu ini dan atas kehendak-Mu sendirilah Engkau telah memberitahukan serta melakukan segala hal yang besar ini. ²⁰ Ya Tuhan, tidak ada yang seperti Engkau dan tidak ada Allah selain Engkau, menurut segala sesuatu yang kami dengar dengan telinga kami. ²¹ Bangsa manakah di bumi ini seperti umat-Mu Israel, satu-satunya bangsa yang ditebus oleh Allah untuk menjadi umat-Nya? Engkau menegakkan nama bagi-Mu dengan melakukan hal-hal yang besar dan takjub di negeri-Mu dengan menghalau bangsa-bangsa dari hadapan umat-Mu yang Engkau tebus dari Mesir. ²² Engkau telah membuat umat-Mu Israel menjadi umat-Mu untuk selama-lamanya, dan Engkau, ya Tuhan, menjadi Allah mereka.

²³ Sekarang, ya Tuhan, biarlah firman yang Kausampaikan mengenai hamba-Mu ini serta keluarganya diteguhkan untuk selama-lamanya.

Lakukanlah seperti yang Kaufirmankan.

²⁴ Semoga nama-Mu diteguhkan dan diagungkan untuk selama-lamanya dengan disebutkan:

‘Tuhan alam semesta, Allah Israel, Dialah Allah bagi orang Israel.’ Keluarga hamba-Mu Daud

akan kukuh di hadapan-Mu. ²⁵ Engkau, ya Allahku, telah menyatakan kepada hamba-Mu

ini bahawa Engkau akan membina sebuah keluarga baginya. Itulah sebabnya hamba-Mu

memberanikan diri untuk menaikkan doa di hadirat-Mu. ²⁶ Ya Tuhan, Engkaulah Allah dan

Engkau telah menjanjikan hal yang baik ini kepada hamba-Mu. ²⁷ Sekarang, semoga Engkau

berkenan memberkati keluarga hamba-Mu ini supaya tetap ada di hadapan-Mu untuk

selama-lamanya, kerana apa yang Kauberkati, ya Tuhan, diberkati untuk selama-lamanya.”

Rentetan kemenangan Raja Daud

18 ¹ Setelah itu, Daud mengalahkan orang

Filistin dan menakluki mereka. Dia merebut Gat dan kampung-kampungnya daripada tangan orang Filistin itu. ² Dia juga mengalahkan orang Moab, sehingga orang Moab menjadi warga taklukan Daud dan wajib mempersembahkan ufti.

³ Selain itu Daud juga mengalahkan Hadadezer, raja Zoba, dekat Hamat, sewaktu dia pergi

menegakkan kekuasaannya di Sungai Efrat.

⁴ Daripada raja itu, Daud menawan seribu buah rata, tujuh ribu orang pasukan berkuda, dan dua puluh ribu orang pasukan berjalan kaki. Selain itu, Daud memotong urat keting semua kuda rata tentera raja itu dan meninggalkan bilangan kuda yang cukup bagi seratus buah rata.

⁵ Maka datanglah pula orang Aram dari Damsyik untuk menolong Hadadezer, raja Zoba, tetapi Daud berjaya menumpaskan dua puluh dua ribu orang daripada kalangan Aram itu. ⁶ Kemudian Daud menempatkan pasukan pendudukan di Aram Damsyik. Orang Aram pun menjadi taklukan Daud dan wajib mempersembahkan ufti kepadanya. Tuhan mengurniakan kemenangan kepada Daud ke mana-mana sahaja dia pergi.

⁷ Daud mengambil perisai-perisai emas yang digunakan oleh para pegawai Hadadezer dan membawanya ke Yerusalem. ⁸ Dari Tibhat dan dari Kun, kota-kota Hadadezer, Daud mengambil banyak sekali gangsa. Dengan segala gangsa itulah Salomo membuat kolam gangsa, tiang-tiang, serta berbagai-bagai kelengkapan daripada gangsa.

⁹ Setelah Tou, raja Hamat, mendengar khabar bahawa Daud mengalahkan seluruh pasukan

Hadadezer, raja Zoba, ¹⁰ maka diutusnya Hadoram, anaknya, kepada Raja Daud untuk menanyakan keadaannya dan mengucapkan selamat kepadanya kerana dia telah memerangi Hadadezer serta mengalahkannya. Dahulunya, Hadadezer memang sering memerangi Tou. Hadoram membawa berbagai-bagai barang daripada emas, perak, dan gangsa. ¹¹ Raja Daud mentakdiskan kesemua itu bagi Tuhan bersama-sama perak dan emas yang diangkutnya daripada segala bangsa, iaitu daripada orang Edom, orang Moab, orang Amon, orang Filistin, dan orang Amalek.

¹² Abisai anak Zeruya menewaskan lapan belas ribu orang Edom di Lembah Garam. ¹³ Dia menempatkan pasukan pendudukan di Edom sehingga semua orang Edom menjadi taklukan Daud. Tuhan mengurniakan kemenangan kepada Daud ke mana-mana sahaja dia pergi.

Para pegawai Raja Daud

¹⁴ Demikianlah Daud bertakhta atas seluruh Israel dan menegakkan keadilan dan kesaksamaan bagi seluruh rakyatnya. ¹⁵ Yoab anak Zeruya mengepalai tentera. Yosafat anak Ahilud menjadi pencatat sejarah. ¹⁶ Zadok anak

Ahitub dan Abimelekh anak Abyatar menjadi imam. Sausa menjadi jurutulis. ¹⁷ Benaya anak Yoyada mengetuai orang Kreti dan orang Pleti, manakala anak-anak Daud menjadi pegawai utama di sisi raja.

Peperangan melawan bani Amon dan orang Aram

19 ¹ Beberapa waktu kemudian meninggallah Nahas, raja bani Amon, dan anaknya menaiki takhta menggantikannya. ² Daud berkata, “Aku hendak menjalin persahabatan dengan Hanun anak Nahas, kerana ayahnya telah menjalin persahabatan denganku.” Maka Daud pun mengirinkan beberapa orang utusan untuk menyampaikan takziah kerana hal ayahnya itu.

Para utusan Daud pun sampai di negeri bani Amon lalu menghadap Hanun untuk menyampaikan takziah kepadanya. ³ Akan tetapi, para pembesar bani Amon berkata kepada Hanun, “Apakah tuanku sangka Daud hendak memberikan penghormatan kepada ayah tuanku sehingga dia mengutus orang untuk menyampaikan takziah kepada tuanku? Bukankah Daud mengutus para pegawainya kepada tuanku untuk menyiasat negeri ini, untuk mengintip dan menggulingkannya?”

⁴ Oleh sebab itu Hanun menangkap para utusan Daud. Dia mencukur mereka dan memotong pakaian mereka di bahagian tengah sampai ke pangkal paha. Setelah itu, disuruhnya mereka pergi. ⁵ Ketika diberitahu hal tentang para utusan itu, Daud seterusnya mengutus orang menemui mereka, kerana mereka berasa malu sekali. Kata raja, “Tinggallah di Yerikho sampai janggutmu tumbuh lagi. Sesudah itu pulanglah kamu.”

⁶ Ketika bani Amon menyedari bahawa mereka telah membangkitkan kebencian Daud, maka Hanun dan bani Amon mengirinkan seribu talenta perak untuk menyewa rata dan pasukan berkuda dari Aram-Mesopotamia, dari Aram-Maakha, dan dari Zoba. ⁷ Mereka menyewa tiga puluh dua ribu rata, juga raja Maakha dengan pasukannya, yang datang berkhemah di seberang Medeba. Bani Amon pun berkumpul dari kota-kota mereka dan datang untuk berperang.

⁸ Mendengar hal itu, Daud menyuruh Yoab maju dengan seluruh tentera kesateria. ⁹ Kemudian bani Amon maju dan mengatur barisan perang mereka di depan pintu kota. Sementara itu raja-raja yang ikut datang berada terpisah di padang.

¹⁰ Ketika Yoab melihat bahawa peperangan itu diatur untuk menyeranginya dari depan dan dari

belakang, dia memilih beberapa orang Israel daripada kalangan yang terbaik dan mengatur barisan mereka untuk menghadapi orang Aram.

¹¹ Pasukan yang selebihnya diserahkan ke bawah pimpinan Abisai, adiknya, yang mengatur barisan mereka untuk menghadapi bani Amon.

¹² Kata Yoab, "Jika orang Aram terlalu kuat bagiku, maka engkau harus datang membantu aku. Jika bani Amon terlalu kuat bagimu, maka aku akan membantu engkau. ¹³ Kuatkanlah hatimu dan marilah kita menguatkan hati demi bangsa kita dan demi kota-kota Allah kita. Semoga Tuhan melakukan apa yang baik dalam pandangan-Nya."

¹⁴ Kemudian majulah Yoab dan pasukan yang menyertainya untuk berperang melawan orang Aram. Lalu larilah orang Aram dari hadapannya.

¹⁵ Ketika bani Amon melihat bahawa orang Aram telah melarikan diri, maka mereka pun lari dari hadapan Abisai, adik Yoab, dan masuk ke dalam kota. Sesudah itu kembalilah Yoab ke Yerusalem.

¹⁶ Orang Aram menyedari bahawa mereka telah dikalahkan di hadapan orang Israel. Oleh sebab itu mereka mengirim beberapa orang utusan dan memanggil keluar orang Aram yang ada di seberang Sungai Efrat. Mereka dipimpin oleh Sofakh, panglima tentera Hadadezer.

¹⁷ Ketika hal itu dikhabarkan kepada Daud,

dikerahkannya semua orang Israel, lalu mereka pun menyeberangi Sungai Yordan. Sesampainya dia berdekatan dengan orang Aram, diaturnya barisan melawan mereka. Setelah Daud mengatur barisan perangnya berhadapan dengan orang Aram, berperanglah tentera musuh itu melawan dia, ¹⁸ tetapi orang Aram itu lari dari hadapan orang Israel. Daud menumpaskan tujuh ribu orang pengendali rata dan empat puluh ribu orang pasukan berjalan kaki daripada kalangan Aram itu. Dia turut menumpaskan Sofakh, panglima tentera. ¹⁹ Ketika umat yang takluk kepada Hadadezer melihat bahawa mereka telah dikalahkan di hadapan orang Israel, maka mereka mengadakan perjanjian damai dengan Daud dan tunduk takluk kepadanya. Sesudah itu orang Aram tidak mahu membantu bani Amon lagi.

Peperangan melawan bani Amon berakhir

20 ¹ Maka pada musim bunga tahun yang baru, ketika para raja maju berperang, Yoab membawa keluar bala tenteranya. Lalu dia memusnahkan negeri bani Amon dan pergi mengepung Kota Raba. Namun begitu, Daud sendiri tinggal di Yerusalem. Yoab mengalahkan Kota Raba dan meruntuhkannya. ² Daud

mengambil mahkota daripada kepala raja mereka, dan mendapati beratnya satu talenta emas serta bertatahkan permata yang indah. Kemudian mahkota itu dikenakan pada kepala Daud. Dia mengangkut banyak sekali jaraan dari kota itu. ³ Lalu diangkutnya pula rakyat kota itu dan dipaksanya mereka bekerja dengan gergaji, penggerek besi, serta kapak. Demikianlah dilakukan Daud terhadap semua kota bani Amon. Kemudian kembalilah Daud dan seluruh pasukan itu ke Yerusalem.

Peperangan melawan orang Filistin

⁴ Setelah itu, tercetus lagi peperangan melawan orang Filistin di Gezer. Pada waktu itu Sibkhai, orang Husa, menewaskan Sipai, yang termasuk keturunan raksasa, sehingga tentera Filistin itu ditakluki.

⁵ Kemudian terjadi lagi peperangan melawan orang Filistin. Elhanan anak Yair menewaskan Lahmi, saudara Goliat, orang Gat, yang batang tombaknya seperti kayu penggulung tenun bersilang.

⁶ Selanjutnya peperangan terjadi lagi di Gat. Di sana ada seorang yang tinggi perawakannya. Kedua-dua belah tangan dan kakinya berjari

enam. Jadi, jarinya berjumlah dua puluh empat. Dia juga termasuk keturunan raksasa. ⁷ Ketika orang itu mencemuh orang Israel, maka Yonatan anak Simea abang Daud, menewaskannya.

⁸ Itulah kalangan keturunan raksasa di Gat. Mereka tewas oleh tangan Daud dan tangan anak buahnya.

Pendaftaran dan hukuman

21 ¹ Iblis bangkit melawan orang Israel dan menghasut Daud untuk mengadakan bancian jumlah orang Israel. ² Lalu Daud berkata kepada Yoab dan kepada para panglima pasukan, “Pergilah, hitunglah orang Israel dari Bersyeba sampai Dan, lalu bawalah hasilnya kepadaku supaya aku tahu akan jumlah mereka.”

³ Kata Yoab, “Semoga Tuhan menambah umat-Nya seratus kali lipat ganda daripada yang ada sekarang. Ya Tuanku Raja, bukankah mereka semua hamba tuanku? Mengapakah tuanku menghendaki hal ini? Mengapakah orang Israel harus menanggung kesalahan kerana hal itu?”

⁴ Meskipun begitu, titah raja terpaksa dituruti oleh Yoab. Maka pergilah Yoab menjelajahi seluruh Israel, kemudian kembali ke Yerusalem.

⁵ Hasil bancian rakyat itu pun diserahkan Yoab kepada Daud. Antara seluruh umat Israel ada sejuta seratus ribu orang pemegang pedang

manakala antara orang Yehuda ada empat ratus tujuh puluh ribu orang pemegang pedang.

⁶ Bani Lewi dan Benyamin tidak dimasukkannya dalam penghitungan, kerana perintah raja itu dipandang keji oleh Yoab.

⁷ Akan tetapi, hal itu jahat di mata Tuhan sehingga Dia mengazab Israel. ⁸ Kata Daud kepada Allah, “Aku sangat berdosa kerana melakukan hal ini. Sekarang, semoga jauhkanlah kesalahan hamba-Mu ini, kerana tindakan aku ini sangat bodoh.”

⁹ Lalu Tuhan berfirman kepada Gad, pelihat Daud, ¹⁰ “Pergi dan katakanlah kepada Daud, ‘Beginilah firman Tuhan: Aku mengajukan kepadamu tiga perkara. Pilihlah salah satu antaranya untuk Kulaksanakan.’ ”

¹¹ Maka Gad datang menghadap Daud dan berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan: Buatlah pilihan, ¹² tiga tahun bencana kebuluran, atau tiga bulan dihancurkan di hadapan lawanmu sementara pedang musuh mengejar kamu, atau tiga hari pedang Tuhan, iaitu wabak penyakit, menimpa negeri ini dan malaikat Tuhan mendatangkan kemusnahan terhadap seluruh daerah Israel. Sekarang pertimbanglah, jawapan apa yang harus kusampaikan kepada Dia yang mengutus aku?”

¹³ Jawab Daud kepada Gad, “Hal ini sangat menyesakkan bagiku. Biarlah aku jatuh ke dalam tangan Tuhan, kerana rahmat-Nya sangat besar; tetapi janganlah aku jatuh ke dalam tangan manusia.”

¹⁴ Jadi, Tuhan mendatangkan wabak penyakit kepada Israel, lalu matilah tujuh puluh ribu orang Israel. ¹⁵ Kemudian Allah mengutus malaikat untuk memusnahkan Yerusalem. Akan tetapi, ketika malaikat itu hendak memusnahkan kota itu, Tuhan melihatnya dan berbelas kasihan kerana malapetaka yang hendak didatangkan-Nya. Maka firman-Nya kepada malaikat pemusnah itu, “Cukup! Sekarang turunkanlah tanganmu.” Pada waktu itu malaikat Tuhan sedang berdiri berdekatan dengan tempat pembantingan Ornan, orang Yebus.

¹⁶ Ketika Daud melayangkan pandang, dilihatnya malaikat Tuhan berdiri di antara bumi dengan langit, dengan sebilah pedang yang terarah ke Yerusalem terhunus di tangannya. Daud dan para tua-tua pun sujud dengan mengenakan kain perkabungan. ¹⁷ Kata Daud kepada Allah, “Bukankah aku yang menyuruh penghitungan rakyat dijalankan? Akulah yang berdosa dan melakukan kejahatan. Tetapi domba-domba ini, apakah yang telah dilakukan oleh mereka? Ya Tuhan, Allahku, biarlah tangan-Mu melawan aku

dan kaum keluargaku, tetapi janganlah wabak melanda umat-Mu.”

Mazbah didirikan dekat Yerusalem

¹⁸ Kemudian malaikat Tuhan menyuruh Gad untuk mengatakan kepada Daud bahawa Daud harus pergi mendirikan sebuah mazbah bagi Tuhan di tempat pembantingan Ornan, orang Yebus itu. ¹⁹ Maka Daud pun pergi, selaras dengan kata-kata Gad yang disampaikannya atas nama Tuhan. ²⁰ Pada waktu itu Ornan sedang mengirik gandum. Ketika dia berpaling, dilihatnya malaikat itu, lalu keempat-empat orang anaknya yang ada bersama-samanya pun menyembunyikan diri. ²¹ Datanglah Daud mendekati Ornan. Ketika Ornan memandang dan melihat Daud, keluarlah dia dari tempat pembantingan dan sujud memberi hormat kepada Daud. ²² Kata Daud kepada Ornan, “Berilah kepadaku tempat pembantingan ini, supaya aku dapat membangunkan sebuah mazbah bagi Tuhan. Berikanlah kepadaku dengan harga penuh, supaya wabak ini berhenti melanda rakyat.”

²³ Kata Ornan kepada Daud, “Ambillah sahaja, Tuanku Raja, dan lakukanlah apa yang tuanku pandang baik. Lihatlah, hamba juga memberikan lembu ini sebagai korban bakaran, tukul pengirik

ini sebagai kayu bakar, dan gandum sebagai persembahan bahan makanan. Semua itu hamba berikan.”

²⁴ Tetapi Raja Daud berkata kepada Ornan, “Jangan begitu, kerana aku mahu membelinya daripadamu dengan harga penuh. Aku tidak mahu mengambil milikmu untuk dipersembahkan kepada Tuhan atau mempersembahkan korban bakaran yang kudapati secara percuma.” ²⁵ Lalu Daud memberi Ornan 600 syikal emas yang ditimbangnyanya sebagai bayaran tempat itu.

²⁶ Daud pun membina sebuah mazbah bagi Tuhan di sana, lalu mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian. Dia berseru kepada Tuhan dan Tuhan menjawabnya dengan menurunkan api dari langit ke atas mazbah korban bakaran itu.

²⁷ Tuhan berfirman kepada malaikat itu agar ia memasukkan pedangnya kembali ke dalam sarungnya. ²⁸ Pada waktu itu, setelah Daud melihat bahawa Tuhan menjawabnya di tempat pembantingan Ornan, orang Yebus itu, dia pun mempersembahkan korban di sana. ²⁹ Khemah Suci Tuhan, yang dibuat Musa di gurun, dan mazbah korban bakaran yang digunakan pada waktu itu, ada di bukit pemujaan di Gibeon.

³⁰ Tetapi Daud tidak berani pergi menghadap

untuk mencari petunjuk Allah, kerana dia takut kepada pedang malaikat Tuhan itu.

22¹ Lalu Daud berkata, “Di sinilah Bait Tuhan Allah kita, dan di sinilah mazbah korban bakaran orang Israel.”

Persediaan pembinaan Bait Suci

² Daud menyuruh agar pendatang yang ada di Tanah Israel dikumpulkan, lalu dia menugaskan para tukang untuk memahat batu-batu pahat bagi pembinaan Rumah Allah.

³ Daud menyediakan sejumlah besar besi untuk (digunakan sebagai) paku bagi daun pintu gerbang dan untuk tupai-tupai, juga sejumlah besar gangsa sampai tidak tertimbang beratnya,

⁴ serta kayu araz sampai tidak terhitung lagi, kerana orang Sidon dan orang Tirus membawa banyak kayu araz untuk Daud. ⁵ Kata Daud, “Anakku Salomo masih muda dan kurang pengalaman, sedangkan bait yang akan dibina bagi Tuhan itu harus luar biasa besarnya sehingga masyhur dan mulia di segala negeri. Jadi, biarlah kubuat segala persediaan untuk itu.” Maka Daud pun menyiapkan banyak bahan sebelum kematiannya.

⁶ Kemudian Daud memanggil Salomo, anaknya, dan memberikan amanat kepadanya untuk

membina bait bagi Tuhan, Allah Israel. ⁷ Kata Daud kepada Salomo, “Anakku, aku sendiri memang amat ingin membina bait bagi nama Tuhan, Allahku. ⁸ Tetapi turunlah untukku firman Tuhan demikian, ‘Engkau telah menumpahkan banyak darah dan telah melakukan banyak peperangan besar. Engkau tidak boleh membina bait bagi nama-Ku, kerana telah kautumpahkan banyak darah ke bumi di hadapan-Ku.

⁹ Sesungguhnya, seorang anak lelaki akan lahir bagimu. Dia akan menjadi orang yang dikurniai ketenteraman, kerana Aku akan mengurniakan kepadanya ketenteraman daripada semua musuh di sekelilingnya. Namanya ialah Salomo, dan pada zamannya Aku akan mengurniakan damai serta sentosa kepada orang Israel. ¹⁰ Dialah yang akan membina bait bagi nama-Ku. Dia akan menjadi anak bagi-Ku dan Aku akan menjadi Bapa baginya. Aku akan mengukuhkan takhta kerajaannya atas Israel untuk selama-lamanya.’

¹¹ Sekarang, anakku, semoga Tuhan menyertai engkau sehingga engkau berhasil membina Bait Tuhan, Allahmu, seperti yang difirmankannya mengenai engkau. ¹² Semoga Tuhan mengurniaimu kebijaksanaan dan pengertian ketika Dia memberi kamu kewibawaan untuk

memerintah Israel, supaya engkau dapat berpegang teguh pada hukum Tuhan, Allahmu.

¹³ Jika engkau setia melakukan segala ketetapan dan peraturan yang diperintahkan Tuhan kepada Musa untuk orang Israel, maka engkau akan berjaya. Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu. Janganlah takut dan jangan berasa kecewa.

¹⁴ Sesungguhnya, dengan susah payah telah kusiapkan bagi Bait Tuhan seratus ribu talenta emas, sejuta talenta perak, serta gangsa dan besi yang tidak tertimbang beratnya kerana begitu banyaknya. Aku juga telah menyiapkan kayu dan batu, tetapi engkau harus menambahnya lagi.

¹⁵ Engkau pun mempunyai banyak pekerja, iaitu tukang pahat, tukang batu dan kayu, serta para ahli dalam segala jenis pekerjaan ¹⁶ emas, perak, gangsa, dan besi – tidak terhitung ramainya. Segeralah bekerja! Tuhan kiranya menyertai engkau.”

¹⁷ Daud juga memerintahkan kesemua pembesar Israel membantu Salomo, anaknya:

¹⁸ “Bukankah Tuhan, Allahmu, menyertai kamu dan telah mengurniakan kepadamu ketenteraman di segala penjuru? Dia telah menyerahkan penduduk negeri ini ke dalam tanganku, sehingga negeri ini takluk di hadapan

Tuhan dan di hadapan umat-Nya. ¹⁹ Sekarang, arahkanlah hati dan jiwamu untuk mencari hadirat Tuhan, Allahmu. Segeralah bangunkan tempat suci bagi Tuhan Allah, supaya tabut perjanjian Tuhan dan segala alat kelengkapan tempat suci Allah dapat dibawa masuk ke dalam bait yang akan dibina bagi nama Tuhan.”

Pembahagian bani Lewi dan pemberian tugas

23 ¹ Setelah Daud menjadi tua dan lanjut umur, diangkatnya anaknya, Salomo, menjadi raja atas Israel.

² Dia menghimpunkan semua pembesar Israel, imam, dan bani Lewi. ³ Bani Lewi yang berumur tiga puluh tahun ke atas dihitung, seorang demi seorang. Jumlah mereka seramai tiga puluh lapan ribu orang lelaki. ⁴ “Daripada mereka itu, dua puluh empat ribu orang harus mengawasi pekerjaan di Bait Tuhan, enam ribu orang harus menjadi pegawai dan hakim, ⁵ empat ribu orang harus menjadi penjaga pintu gerbang, dan empat ribu orang harus menjadi ahli zikir memuji Tuhan dengan alat-alat muzik yang kubuat untuk melagukan puji-pujian,” kata Daud.

⁶ Daud membahagikan mereka kepada beberapa rombongan menurut anak-anak Lewi, iaitu Gerson, Kehat, dan Merari.

Bani Gerson

⁷ Termasuk orang Gerson: Ladan dan Simei.

⁸ Anak-anak Ladan: Yehiel, seorang ketua; Zetam; dan Yo'el – tiga orang. ⁹ Anak-anak Simei: Selomit,^t Haziël, dan Haran – tiga orang. Inilah para ketua kaum keluarga Ladan.

¹⁰ Anak-anak Simei: Yahat, Ziza, Yeus, dan Beria. Keempat-empat mereka itu anak Simei. ¹¹ Yahat ialah ketua, dan Ziza orang kedua. Yeus dan Beria tidak mempunyai ramai anak sehingga mereka diperhitungkan sebagai satu kaum keluarga.

Bani Kehat

¹² Anak-anak Kehat: Amram, Yizhar, Hebron, dan Uziel – empat orang. ¹³ Anak-anak Amram: Harun dan Musa. Harun dan keturunannya dikhususkan untuk mengurus hal-hal yang teramat suci untuk selama-lamanya. Mereka harus membakar dupa di hadapan Tuhan, menyelenggarakan ibadat kepada-Nya, dan mengucapkan berkat dengan nama-Nya untuk selama-lamanya. ¹⁴ Anak-anak

^t23:9 Selomit: Juga dikenal dengan nama, Selomot.

Musa, hamba Allah itu, tergolong dalam suku Lewi. ¹⁵ Anak-anak Musa: Gersom dan Eliezer.

¹⁶ Anak Gersom: Sebucl, seorang ketua. ¹⁷ Anak Eliezer: Rehabya, seorang ketua. Eliezer tidak mempunyai anak lain, tetapi anak-anak Rehabya sangat banyak bilangannya.

¹⁸ Anak Yizhar: Selomit, seorang ketua.

¹⁹ Anak-anak Hebron: Yeria, seorang ketua; Amarya, anak kedua; Yahaziel, anak ketiga; dan Yekameam, anak keempat. ²⁰ Anak-anak Uziel: Mikha, seorang ketua, dan Yisia, anak kedua.

Bani Merari

²¹ Anak-anak Merari: Mahli dan Musi.

Anak-anak Mahli: Eleazar dan Kish. ²² Eleazar meninggal tanpa mempunyai anak lelaki, hanya ada anak perempuan. Kemudian saudara-saudara mereka, anak-anak Kish, memperisteri mereka.

²³ Anak-anak Musi: Mahli, Eder, dan Yeremot – tiga orang.

²⁴ Itulah bani Lewi menurut kaum keluarga mereka – para ketua kaum keluarga yang didaftarkan menurut nama mereka dan dihitung seorang demi seorang, iaitu mereka yang berumur dua puluh tahun ke atas, para pelaksana pekerjaan ibadat di Bait Tuhan.

²⁵ Daud memang berfikir, “Tuhan, Allah Israel, telah mengurniakan ketenteraman kepada

umat-Nya. Dia akan bersemayam di Yerusalem untuk selama-lamanya. ²⁶ Dengan demikian, bani Lewi tidak usah lagi mengusung Khemah Suci dan segala alat kelengkapan yang digunakan untuk peribadatannya.” ²⁷ Selaras dengan perintah Daud yang terakhir, mereka yang dicatat daripada bani Lewi ialah yang berumur dua puluh tahun ke atas. ²⁸ Tugas mereka adalah untuk membantu bani Harun dalam ibadat di Bait Tuhan, mengawasi pelataran dan bilik-bilik, menyucikan semua barang suci, dan melaksanakan ibadat di Rumah Allah. ²⁹ Mereka juga harus menyediakan roti persembahan, tepung terbaik untuk persembahan bahan makanan, kuih tipis tidak beragi, bahan panggangan, bahan adunan, serta segala sukatan dan ukuran. ³⁰ Mereka harus berdiri setiap pagi untuk mengucap syukur dan memuji Tuhan, demikian pula pada petang hari ³¹ dan setiap kali korban bakaran dipersembahkan kepada Tuhan. Hal itu pun harus dilakukan secara tetap di hadapan Tuhan pada hari-hari Sabat, bulan-bulan baru, dan hari-hari perayaan tertentu, menurut jumlah yang ditentukan bagi mereka selaras dengan peraturan. ³² Mereka berkewajipan mengurus Khemah Pertemuan, mengurus tempat suci, dan

membantu bani Harun, saudara-saudara mereka, dalam peribadatan di Bait Tuhan.

Pembahagian imam dalam rombongan

24 ¹ Inilah perincian rombongan bani Harun. Anak-anak Harun ialah Nadab, Abihu, Eleazar, dan Itamar. ² Namun begitu, Nadab dan Abihu meninggal lebih dahulu daripada ayah mereka dengan tidak meninggalkan anak maka Eleazar dan Itamar menunaikan tugas sebagai imam. ³ Daud, bersama Zadok daripada bani Eleazar dan Ahimeleh daripada bani Itamar, membahagi-bahagikan mereka menurut jawatan mereka dalam pelaksanaan ibadat. ⁴ Bani Eleazar memiliki lebih ramai ketua kaum berbanding bani Itamar, sebab itu mereka dibahagi-bahagikan secara demikian: enam belas orang ketua kaum keluarga daripada bani Eleazar, dan lapan orang ketua kaum keluarga daripada bani Itamar. ⁵ Mereka dibahagi-bahagikan dengan mencabut undi tanpa ada perbezaan, kerana ada para pegawai tempat suci dan ada para pegawai Allah baik dalam kalangan bani Eleazar mahupun dalam kalangan bani Itamar. ⁶ Jurutulis Semaya anak Netaneel, seorang Lewi, mencatat nama mereka di depan raja, para pembesar, Imam

Zadok, Ahimelekh anak Abyatar, dan di depan para ketua kaum keluarga para imam dan bani Lewi. Satu kaum keluarga diambil daripada Eleazar dan satu diambil daripada Itamar.

- ⁷ Undian yang pertama jatuh kepada Yoyarib,
- yang kedua kepada Yedaya,
- ⁸ yang ketiga kepada Harim,
- yang keempat kepada Seorim,
- ⁹ yang kelima kepada Malkia,
- yang keenam kepada Miyamin,
- ¹⁰ yang ketujuh kepada Hakos,
- yang kelapan kepada Abia,
- ¹¹ yang kesembilan kepada Yesua,
- yang kesepuluh kepada Sekhanya,
- ¹² yang kesebelas kepada Elyasib,
- yang kedua belas kepada Yakim,
- ¹³ yang ketiga belas kepada Hupa,
- yang keempat belas kepada Yesebeab,
- ¹⁴ yang kelima belas kepada Bilga,
- yang keenam belas kepada Imer,
- ¹⁵ yang ketujuh belas kepada Hezir,
- yang kelapan belas kepada Hapizes,
- ¹⁶ yang kesembilan belas kepada Petahya,
- yang kedua puluh kepada Yehezkel,
- ¹⁷ yang kedua puluh satu kepada Yakhin,
- yang kedua puluh dua kepada Gamul,
- ¹⁸ yang kedua puluh tiga kepada Delaya,
- dan yang kedua puluh empat kepada Maazyaa.

¹⁹ Itulah jawatan mereka dalam pelaksanaan ibadat ketika mereka masuk ke dalam Bait Tuhan, selaras dengan peraturan yang diberikan kepada mereka dengan perantaraan Harun, leluhur mereka, seperti yang diperintahkan kepadanya oleh Tuhan, Allah Israel.

Orang Lewi yang selebihnya

²⁰ Inilah keturunan Lewi yang selebihnya.

Daripada anak-anak Amram: Subael; daripada anak-anak Subael: Yehdeya. ²¹ Mengenai Rehabya, daripada anak-anak Rehabya: Yisia, seorang ketua.

²² Daripada bani Yizhar: Selomot;^u daripada anak-anak Selomot ialah Yahat.

²³ Daripada anak-anak Hebron: Yeria, seorang ketua; Amarya, anak kedua; Yahaziel, anak ketiga; Yekameam, anak keempat.

²⁴ Daripada anak-anak Uziel: Mikha; daripada anak-anak Mikha: Samir. ²⁵ Saudara Mikha: Yisia; daripada anak-anak Yisia: Zakharia.

²⁶ Daripada anak-anak Merari: Mahli dan Musi. Daripada anak-anak Yaazia ialah Beno.

²⁷ Daripada keturunan Merari melalui Yaazia: Beno, Syoham, Zakur, dan Hibri.

^u**24:22** Selomit: Juga dikenal dengan nama, Selomot.

²⁸ Daripada Mahli ialah Eleazar, yang tidak mempunyai anak lelaki.

²⁹ Mengenai Kish, daripada anak-anak Kish: Yerahmeel.

³⁰ Daripada anak-anak Musi: Mahli, Eder, dan Yerimot.

Itulah keturunan bani Lewi menurut kaum keluarga mereka.

³¹ Mereka pun mencabut undi sama seperti saudara-saudara mereka, bani Harun, di depan Raja Daud, Zadok, Ahimelekh, dan ketua kaum keluarga para imam serta bani Lewi. Dalam hal ini seorang ketua kaum keluarga diperlakukan sama dengan saudaranya yang terkecil.

Para penyanyi

25 ¹ Daud dan para panglima tentera mengkhususkan beberapa orang daripada anak-anak Asaf, anak-anak Heman, dan anak-anak Yedutun untuk ibadat. Mereka harus bernubuat dengan iringan kecapi, gambus, dan ceracap. Inilah daftar orang yang bekerja dalam ibadat itu.

² Daripada anak-anak Asaf: Zakur, Yusuf, Netanya, dan Asarela. Anak-anak Asaf berada di bawah pimpinan Asaf, yang bernubuat di bawah pengarahannya raja.

³ Daripada Yedutun, anak-anaknya: Gedalya, Zeri, Yesaya, Simeï, Hasabya, dan Matica – enam orang, di bawah pimpinan ayah mereka, iaitu Yedutun, yang bernubuat dengan iringan kecapi untuk mengucap syukur dan memuji Tuhan.

⁴ Daripada Heman, anak-anaknya: Bukia, Matanya, Uziel, Sebuël, Yerimot, Hananya, Hanani, Eliata, Gidalti, Romamti-Ezer, Yosbekasa, Maloti, Hotir, dan Mahaziot. ⁵ Itulah kesemua anak Heman, pelihat raja, selaras dengan janji Allah untuk memberinya kehormatan. Allah mengurniai Heman empat belas orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan. ⁶ Mereka semua berada di bawah pimpinan ayah mereka sewaktu menyanyi untuk ibadat di rumah Tuhan dengan iringan ceracap, gambus, dan kecapi. Asaf, Yedutun, dan Heman pula berada di bawah pengarahannya raja.

⁷ Jumlah mereka bersama para saudara mereka yang dilatih untuk menyanyi bagi Tuhan, iaitu semua orang yang mahir, ialah dua ratus lapan puluh lapan orang.

⁸ Mereka mencabut undi untuk tugas masing-masing, baik kecil mahupun besar, baik guru mahupun murid.

⁹ Undian pertama bagi Asaf jatuh kepada Yusuf. Undian kedua kepada Gedalya dengan saudara dan anaknya – dua belas orang.

- 10 Undian ketiga kepada Zakur, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 11 Undian keempat kepada Yizri, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 12 Undian kelima kepada Netanya, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 13 Undian keenam kepada Bukia, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 14 Undian ketujuh kepada Yesarela, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 15 Undian delapan kepada Yesaya, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 16 Undian kesembilan kepada Matanya, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 17 Undian kesepuluh kepada Simei, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 18 Undian kesebelas kepada Azareel, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- 19 Undian kedua belas kepada Hasabya, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.

- ²⁰ Undian ketiga belas kepada Subael, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²¹ Undian keempat belas kepada Matica, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²² Undian kelima belas kepada Yeremot, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²³ Undian keenam belas kepada Hananya, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²⁴ Undian ketujuh belas kepada Yosbekasa, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²⁵ Undian delapan belas kepada Hanani, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²⁶ Undian kesembilan belas kepada Maloti, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²⁷ Undian kedua puluh kepada Eliata, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ²⁸ Undian kedua puluh satu kepada Hotir, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.

- ²⁹ Undian kedua puluh dua kepada Gidalti, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ³⁰ Undian kedua puluh tiga kepada Mahaziot, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.
- ³¹ Undian kedua puluh empat kepada Romamti-Ezer, para anaknya, dan saudaranya – dua belas orang.

Penjaga pintu gerbang

26 ¹ Berikut ini ialah rombongan penjaga pintu gerbang. Daripada orang Korah: Meselemya anak Kore daripada keturunan Asaf.

² Meselemya beranakkan Zakharia, anak sulung; Yediael, anak kedua; Zebaja, anak ketiga; Yatniel, anak keempat; ³ Elam, anak kelima; Yohanan, anak keenam; Elyo'enai, anak ketujuh.

⁴ Obed-Edom beranakkan Semaya, anak sulung; Yozabad, anak kedua; Yoah, anak ketiga; Sakhar, anak keempat; Netaneel, anak kelima; ⁵ Amiel, anak keenam; Isakhar, anak ketujuh; Peuletai, anak kelapan. Allah memang telah memberkati Obed-Edom.

⁶ Bagi Semaya, anak Obed-Edom, lahir beberapa orang anak. Mereka memegang kekuasaan

dalam kaum keluarga mereka, kerana mereka itu kesateria yang gagah perkasa. ⁷ Anak-anak Semaya: Otni, Refael, Obed, dan Elzabad. Saudaranya ialah Elihu dan Semakhya, kalangan yang gagah perkasa.

⁸ Mereka semua keturunan Obed-Edom. Mereka, anak-anak mereka, dan para saudara mereka memang orang yang berwibawa lagi kuat untuk pekerjaan itu – sejumlah 62 orang, daripada Obed-Edom.

⁹ Meselemya mempunyai anak dan saudara – 18 orang yang gagah perkasa.

¹⁰ Hosa daripada bani Merari beranakkan Simri, seorang ketua (meskipun dia bukan anak sulung, ayahnya mengangkat dia menjadi ketua); ¹¹ Hilkia, anak kedua; Tebalya, anak ketiga; Zakharia, anak keempat. Semua anak dan saudara Hosa berjumlah 13 orang.

¹² Rombongan penjaga pintu gerbang yang dibahagikan menurut para ketuanya itu bertugas melayani dalam Bait Tuhan sama seperti para saudara mereka. ¹³ Untuk setiap pintu gerbang, mereka mencabut undi menurut kaum keluarga mereka, baik yang kecil mahupun yang besar.

¹⁴ Undian untuk pintu timur jatuh kepada Selemya. Kemudian undi dicabut bagi anaknya, Zakharia, seorang penasihat yang bijaksana, dan hasil undian itu ialah pintu utara. ¹⁵ Hasil

undian bagi Obed-Edom ialah pintu selatan, dan bagi anak-anaknya ialah gudang-gudang alat kelengkapan. ¹⁶ Bagi Supim dan Hosa ialah pintu barat serta Pintu Gerbang Syalekhet di jalan raya yang menanjak. Penjaga yang satu ditempatkan berdampingan dengan penjaga yang lain. ¹⁷ Setiap hari di sebelah timur ada enam bani Lewi, di sebelah utara ada empat orang, dan di sebelah selatan ada empat orang; sementara di setiap gudang kelengkapan ada dua orang. ¹⁸ Di astaka sebelah barat, ada empat orang di jalan raya dan dua orang di astaka. ¹⁹ Itulah rombongan penjaga pintu gerbang daripada bani Korah dan bani Merari.

Pegawai dalam kalangan bani Lewi

²⁰ Daripada kalangan bani Lewi: Ahia bertanggungjawab atas perbendaharaan Rumah Allah dan perbendaharaan barang-barang yang ditakdiskan. ²¹ Bani Ladan ialah keturunan orang Gerson melalui Ladan, dan ketua kaum keluarga Ladan, orang Gerson itu, ialah Yehiel. ²² Anak-anak Yehiel ialah Zetam dan Yo'el, adiknya. Mereka bertanggungjawab atas perbendaharaan Bait Tuhan.

²³ Daripada orang Amram, orang Yizhar, orang Hebron, dan orang Uziel:

²⁴ Sebuel anak Gersom anak Musa menjadi ketua perbendaharaan. ²⁵ Para saudaranya melalui turun-temurun Eliezer ialah Rehabya, Yesaya, Yoram, Zikhri, Selomit. ²⁶ Selomit ini bersama-sama para saudaranya bertanggungjawab atas segala perbendaharaan persembahan suci yang ditakdiskan oleh Raja Daud, oleh para ketua kaum keluarga, oleh para pemimpin pasukan seribu dan pasukan seratus, serta oleh para panglima tentera. ²⁷ Mereka mentakdiskan sebahagian daripada hasil jarahan perang untuk memperbaiki Bait Tuhan. ²⁸ Juga semua yang ditakdiskan oleh Samuel, pelihat itu, oleh Saul anak Kish, oleh Abner anak Ner, dan oleh Yoab anak Zeruya – semua barang yang ditakdiskan – berada di bawah pengawasan Selomit serta para saudaranya.

²⁹ Daripada orang Yizhar, Kenanya dan anak-anaknya diberikan tugas luar di Israel, iaitu menjadi pengatur dan hakim.

³⁰ Daripada orang Hebron, Hasabya dan saudaranya, seramai seribu tujuh ratus orang yang gagah perkasa, menjadi pengawas atas orang Israel di sebelah barat Sungai Yordan untuk segala pekerjaan Tuhan serta pelayanan bagi raja. ³¹ Yeria ialah ketua orang Hebron menurut keturunan kaum keluarganya. Pada tahun keempat puluh zaman pemerintahan

Daud, diadakan pemeriksaan tentang mereka dan didapati antara mereka ada para kesateria yang gagah perkasa di Yaezer-Gilead. ³² Para saudara Yeria, sejumlah dua ribu tujuh ratus orang ketua kaum keluarga yang gagah perkasa, diangkat oleh Raja Daud untuk mengawasi orang Ruben, orang Gad, dan separa suku Manasye perihal segala urusan Allah serta urusan raja.

Panglima-panglima pasukan

27 ¹ Inilah daftar orang Israel, iaitu para ketua kaum keluarga, para pemimpin pasukan seribu dan pasukan seratus, serta para pegawai yang berkhidmat kepada raja dalam segala sesuatu perihal rombongan yang bertugas atau bebas tugas bulan demi bulan sepanjang tahun. Setiap rombongan terdiri daripada 24,000 orang.

² Yasobam anak Zabdiel bertanggungjawab atas rombongan pertama pada bulan pertama. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang. ³ Dia berasal daripada bani Peres dan dia memimpin semua panglima tentera pada bulan pertama.

⁴ Dodai, orang Ahoi, bertanggungjawab atas rombongan pada bulan kedua, manakala Miklot ialah pemimpin rombongannya, yang terdiri daripada 24,000 orang.

- ⁵ Benaya, anak Ketua Imam Yoyada, ialah panglima perang ketiga untuk bulan ketiga. Dia memimpin rombongannya yang terdiri daripada 24,000 orang.
- ⁶ Benaya seorang daripada Tiga Puluh Orang Kesateria dan yang mengetuai Tiga Puluh Orang Kesateria itu sedangkan penanggungjawab atas rombongannya ialah Amizabad, anaknya.
- ⁷ Asael, adik Yoab, ialah yang keempat untuk bulan keempat. Zebaja, anaknya, kemudian menggantikannya. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.
- ⁸ Panglima Samhut, orang Yizrah, ialah yang kelima untuk bulan kelima. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.
- ⁹ Ira anak Ikes, orang Tekoa, ialah yang keenam untuk bulan keenam. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.
- ¹⁰ Heles, orang Peloni daripada bani Efraim, ialah yang ketujuh untuk bulan ketujuh. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.
- ¹¹ Sibkhai, orang Husa daripada bani Zerah, ialah yang kelapan untuk bulan kelapan.

Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.

¹² Abiezer, orang Anatot daripada bani Benyamin, ialah yang kesembilan untuk bulan kesembilan. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.

¹³ Maharai, orang Netofa daripada bani Zerah, ialah yang kesepuluh untuk bulan kesepuluh. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.

¹⁴ Benaya, orang Piraton daripada bani Efraim, ialah yang kesebelas untuk bulan kesebelas. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.

¹⁵ Heldai, orang Netofa, keturunan Otniel, ialah yang kedua belas untuk bulan kedua belas. Rombongannya terdiri daripada 24,000 orang.

Para ketua suku

¹⁶ Inilah orang yang mengetuai suku-suku Israel: Pemimpin atas orang Ruben: Eliezer anak Zikhri;

atas orang Simeon: Sefaca anak Maakha;

¹⁷ atas suku Lewi: Hasabya anak Kemuel;

atas keturunan Harun: Zadok;

¹⁸ atas suku Yehuda: Elihu, salah seorang saudara Daud;

atas orang Isakhar: Omri anak Mikhail;

¹⁹ atas suku Zebulon: Yismaya anak Obaja;

atas suku Naftali: Yerimot anak Azriel;

²⁰ atas bani Efraim: Hosea anak Azazyia;

atas separa suku Manasye: Yo'el anak Pedaya;

²¹ atas separa suku Manasye di Gilead: Yido
anak Zakharia;

atas suku Benyamin: Yaasiel anak Abner;

²² atas suku Dan: Azareel anak Yeroham.

Itulah para pemimpin suku-suku Israel.

²³ Daud tidak menghitung jumlah orang yang berumur dua puluh tahun ke bawah, kerana Tuhan telah berfirman bahawa Dia akan membuat bilangan orang Israel sebanyak bintang di langit. ²⁴ Memang Yoab anak Zeruya sudah mulai mengadakan penghitungan, tetapi dia tidak menyelesaikannya, kerana hal itu mengakibatkan orang Israel ditimpa murka. Jadi, jumlah mereka tidak tercatat dalam kitab hikayat Raja Daud.

Pengurus harta raja dan pembesar

²⁵ Penanggungjawab atas persediaan raja:
Azmawet anak Adiel.

Penanggungjawab atas persediaan di luar
kota, di perkotaan, di pedesaan, dan di
menara-menara jaga:

27:23: Kej 15:5; 22:17; 26:4.

27:24: 2Sam 24:15; 1Taw 21:1-14.

Yonatan anak Uzia.

²⁶ Penanggungjawab atas para pekerja di ladang yang harus mengusahakan tanah: Ezri anak Kelub.

²⁷ Penanggungjawab atas kebun-kebun anggur: Simeï, orang Rama.

Penanggungjawab atas hasil kebun anggur untuk persediaan air anggur: Zabdi, orang Syifmi.

²⁸ Penanggungjawab atas pokok-pokok zaitun dan pokok-pokok ara di Dataran Rendah: Baal-Hanan, orang Gederì.

Penanggungjawab atas persediaan minyak: Yoas.

²⁹ Penanggungjawab atas lembu-lembu yang meragut rumput di Saron: Sitrai, orang Saron.

Penanggungjawab atas lembu-lembu di lembah-lembah: Safat anak Adlai.

³⁰ Penanggungjawab atas unta-unta: Obil, orang Ismael.

Penanggungjawab atas keldai-keldai: Yehdeya, orang Meronot.

³¹ Penanggungjawab atas kawanan domba: Yazis, orang Hagri.

Itulah semua orang yang menjadi penanggungjawab harta benda milik Raja Daud.

³² Yonatan, ayah saudara Daud, ialah seorang penasihat, juga seorang jurutulis serta terkenal arif. Yehiel anak Hakhmoni menjadi pendamping anak-anak raja. ³³ Ahitofel ialah penasihat raja. Husai, orang Arki, ialah sahabat raja. ³⁴ Pengganti Ahitofel ialah Yoyada anak Benaya dan Abyatar. Yoab ialah panglima perang raja.

Pesanan terakhir Raja Daud tentang pembinaan Bait Suci

28 ¹ Daud menghimpunkan semua pembesar Israel di Yerusalem, iaitu para pemimpin suku, para pemimpin rombongan yang melayani raja, para pemimpin pasukan seribu dan pemimpin pasukan seratus, serta para pegawai yang mengawasi segala harta benda dan ternakan milik raja juga para anaknya. Mereka dikumpulkan bersama-sama para pegawai istana, orang yang berpengaruh, dan semua kesateria yang gagah perkasa.

² Kemudian berdirilah Raja Daud dan berkata, “Dengarlah, wahai para saudaraku dan rakyatku! Aku telah berniat membina rumah perhentian

bagi tabut perjanjian Tuhan dan bagi alas kaki^v Allah kita. Aku pun sudah mengadakan segala persediaan untuk membinanya. ³ Akan tetapi, Allah berfirman kepadaku, 'Engkau tidak boleh membina bait bagi nama-Ku, kerana engkau seorang pejuang dan telah banyak menumpahkan darah.' ⁴ Namun demikian, Tuhan, Allah Israel, memilih aku daripada kalangan segenap kaum keluargaku untuk menjadi raja atas Israel selama-lamanya, kerana Dia telah memilih Yehuda sebagai pemimpin. Daripada keturunan kaum Yehuda, Dia memilih kaum keluargaku, dan daripada anak-anak ayahku, Dia berkenan mengangkat aku menjadi raja atas seluruh Israel. ⁵ Daripada kesemua anakku – kerana Tuhan mengurniai aku ramai anak – Dia memilih Salomo, anakku, untuk duduk di atas takhta kerajaan yang ditetapkan Tuhan, iaitu atas Israel.

⁶ Firman-Nya kepadaku, 'Anakmu Salomo, dialah yang akan membina bait dan pelataran-Ku, kerana Aku telah memilih dia untuk menjadi anak bagi-Ku dan Aku akan menjadi Bapa baginya.

⁷ Aku akan mengukuhkan kerajaannya untuk selama-lamanya jika dia tetap mematuhi segala perintah dan peraturan-Ku seperti pada hari ini.'

^v**28:2** Atau: Tumpuan kaki.

⁸ Maka sekarang, di hadapan mata semua orang Israel, jemaah Tuhan, dan dengan didengar oleh Allah kita, kukatakan kepadamu peganglah teguh dan taatilah segala perintah Tuhan, Allahmu. Dengan demikian kamu dapat tetap memiliki negeri yang baik ini dan mewariskannya sebagai harta pusaka kepada para anakmu kelak untuk selama-lamanya.

⁹ Engkaulah, anakku Salomo, kenalilah Allah ayahmu dan beribadatlah kepada-Nya dengan hati yang tulus dan jiwa yang ikhlas, kerana Tuhan mengerti setiap hati dan mengerti setiap angan-angan serta fikiran. Jika engkau mencari hadirat-Nya, maka Dia akan berkenan ditemukan olehmu. Tetapi jika engkau meninggalkan-Nya, maka Dia akan membuang engkau untuk selama-lamanya. ¹⁰ Berwaspadalah sekarang, kerana engkau telah dipilih Tuhan untuk membina sebuah bait sebagai tempat suci. Kuatkanlah hatimu dan laksanakanlah perkara itu.”

¹¹ Kemudian Daud memberikan kepada Salomo, anaknya, rajah serambi Bait Suci, rumah-rumahnya, perbendaharaannya, bilik-bilik atasnya, bilik-bilik dalamnya, dan tempat bagi korban pendamaian. ¹² Diberikannya juga rajah berkenaan semua yang ada dalam fikirannya mengenai laman dalaman rumah Tuhan dan

semua bilik yang mengelilinginya, mengenai perbendaharaan Bait Allah dan perbendaharaan persembahan suci, ¹³ mengenai rombongan-rombongan para imam dan bani Lewi, mengenai segala pekerjaan dan segala alat kelengkapan untuk ibadat di Bait Tuhan, ¹⁴ mengenai berat emas untuk segala alat kelengkapan emas dan berat perak untuk segala alat kelengkapan perak pada tiap-tiap ibadat: ¹⁵ berapa berat emas yang diperlukan untuk setiap kaki pelita emas dan pelita emasnya, dan berat perak yang diperlukan untuk tiap-tiap kaki pelita perak dan pelitanya, selaras dengan penggunaan kaki-kaki pelita di dalam ibadat; ¹⁶ berapa berat emas yang diperlukan untuk masing-masing meja roti persembahan, dan perak untuk meja-meja perak; ¹⁷ berat emas tulen untuk garpu-garpu, bokor-bokor, piala-piala, dan tiap-tiap cawan emas, juga berat perak yang diperlukan untuk tiap-tiap cawan; ¹⁸ berat emas yang dimurnikan untuk mazbah pembakaran dupa menurut yang diperlukan; dan emas untuk rajah rata tempat malaikat kerubin yang mengembangkan sayap menudungi tabut perjanjian Tuhan. ¹⁹ Kata Daud, “Semua itu terdapat dalam tulisan yang diilhamkan Tuhan kepadaku, iaitu semua pekerjaan yang harus dilakukan menurut rajah itu.”

²⁰ Daud berkata pula kepada Salomo, anaknya, “Kuatkan serta mantapkanlah hatimu, dan bekerjalah! Jangan takut dan jangan kecut hati, kerana Tuhan Allah, iaitu Allahku, menyertai engkau. Dia tidak akan menterlantarkan atau meninggalkan engkau hingga seluruh pekerjaan untuk ibadat di Bait Tuhan itu selesai.

²¹ Sesungguhnya, rombongan para imam dan bani Lewi ada untuk melaksanakan segala ibadat di rumah Tuhan. Dalam semua pekerjaan itu, engkau akan disertai oleh semua sukarelawan yang ahli dalam pelbagai jenis pekerjaan. Di samping itu, para pembesar dan segenap umat ini sepenuhnya ada di bawah perintahmu.”

Sumbangan untuk pembinaan Bait Suci

29 ¹ Kemudian berkatalah Raja Daud kepada seluruh jemaah itu, “Anakku Salomo, satu-satunya yang dipilih Allah, masih muda dan kurang pengalaman, sedangkan pekerjaan itu besar, kerana bait ini bukanlah untuk manusia melainkan untuk Tuhan Allah.

² Dengan segenap kemampuanku, aku telah mengadakan persediaan untuk bait Allahku, iaitu emas untuk barang-barang emas, perak untuk barang-barang perak, gangsa untuk

barang-barang gangsa, besi untuk barang-barang besi, kayu untuk barang-barang kayu, batu unam dan permata tataan, batu serawak dan batu warna-warni, segala jenis batu permata dan batu pualam. ³ Tambahan pula, kerana cintaku kepada bait Allahku, aku memberikan emas dan perak daripada harta benda aku sendiri bagi bait Allahku sebagai tambahan pada semua yang telah kusiapkan untuk Bait Suci itu: ⁴ itu termasuk tiga ribu talenta emas daripada emas Ofir dan tujuh ribu talenta perak yang dimurnikan untuk menyalut dinding-dinding bait itu; ⁵ emas untuk barang-barang emas dan perak untuk barang-barang perak, serta untuk segala pekerjaan yang akan dikerjakan oleh para tukang. Siapakah lagi yang ingin memberikan persembahan kepada Tuhan dengan ikhlas pada hari ini?"

⁶ Maka para pemimpin kaum keluarga, para pemimpin suku Israel, para pemimpin pasukan seribu dan pasukan seratus, serta para pegawai yang mengurus keperluan raja memberikan persembahan dengan ikhlas. ⁷ Untuk ibadat di Rumah Allah, mereka menyerahkan lima ribu talenta emas, sepuluh ribu dirham emas, sepuluh ribu talenta perak, lapan belas ribu talenta gangsa, dan seratus ribu talenta besi. ⁸ Mereka yang mempunyai batu-batu permata

menyerahkannya untuk perbendaharaan Bait Tuhan di bawah pengawasan Yehiel, orang Gerson itu. ⁹ Bangsa itu bersuka ria kerana para pemimpin telah memberikan persembahan dengan ikhlas, kerana dengan tulus hati mereka memberikan persembahan sukarela kepada Tuhan. Raja Daud pun sangat bergembira.

Nyanyian pujian Raja Daud

¹⁰ Lalu Daud memuji Tuhan di hadapan mata seluruh jemaah itu. Kata Daud, “Segala puji bagi-Mu, ya Tuhan, Allah nenek moyang kami Israel, dari selama-lamanya sampai selama-lamanya. ¹¹ Ya Tuhan, memang kepunyaan-Mu kebesaran, keperkasaan, kemuliaan, kejayaan, dan kemegahan, kerana Engkaulah yang empunya segala sesuatu di langit dan di bumi. Ya Tuhan, memang kepunyaan-Mu kerajaan dan Engkau ditinggikan sebagai ketua atas segala sesuatu. ¹² Kekayaan dan hormat berasal daripada-Mu, dan Engkaulah yang menguasai segala sesuatu. Memang dalam tangan-Mu ada kuasa dan keperkasaan. Memang dalam tangan-Mu kuasa untuk membesarkan dan menguatkan segala sesuatu. ¹³ Sekarang, kami

mengucap syukur kepada-Mu, ya Allah kami, dan kami memuji nama-Mu yang mulia itu.

¹⁴ Sebab siapakah aku dan siapakah bangsaku, sehingga kami dimampukan untuk memberikan persembahan sukarela seperti ini? Kerana segala sesuatu berasal daripada Engkau, dan daripada tangan-Mu sendirilah persembahan yang kami berikan kepada-Mu. ¹⁵ Kami ialah pendatang dan perantau di hadapan-Mu, sama seperti semua nenek moyang kami. Hari-hari kami di bumi seperti bayang-bayang dan tidak ada harapan. ¹⁶ Ya Tuhan, Allah kami, semua kelimpahan bahan yang kami sediakan untuk membangunkan sebuah bait bagi nama-Mu yang suci itu berasal daripada tangan-Mu juga dan segala sesuatu ialah milik-Mu. ¹⁷ Aku tahu, ya Allahku, bahawa Engkaulah yang menguji hati dan berkenan kepada ketulusan. Maka aku mempersembahkan semua itu dengan ikhlas dan dengan setulus hati. Sekarang, dengan gembira telah kulihat umat-Mu yang hadir di sini memberikan pula persembahan sukarela kepada-Mu. ¹⁸ Ya Tuhan, Allah Abraham, Ishak, dan Israel, nenek moyang kami, teguhkanlah hal ini untuk selama-lamanya dalam maksud hati serta fikiran umat-Mu, dan arahkanlah hati mereka kepada-Mu. ¹⁹ Kurniakanlah kepada anakku Salomo hati yang tulus supaya dia

berpegang teguh pada segala perintah-Mu, peraturan-Mu, serta ketetapan-Mu, dan supaya dia melaksanakan semua itu serta membina bait yang persediaannya telah kulakukan.”

²⁰ Kemudian Daud berkata kepada seluruh jemaah itu, “Pujilah Tuhan, Allahmu!” Maka seluruh jemaah memuji Tuhan, Allah nenek moyang mereka. Mereka tunduk lalu sujud menyembah Tuhan dan memberi hormat kepada raja.

Salomo menjadi raja

²¹ Keesokan harinya mereka mempersembahkan korban sembelihan dan korban bakaran kepada Tuhan, iaitu seribu ekor lembu, seribu ekor domba jantan, dan seribu ekor domba muda, berserta persembahan minumannya, juga banyak korban sembelihan demi seluruh Israel. ²² Pada hari itu mereka makan dan minum di hadapan Tuhan dengan sukacita yang besar.

Lalu mereka menobatkan Salomo anak Daud untuk kali kedua sebagai raja dan melantik dia bagi Tuhan sebagai pemimpin, serta Zadok sebagai imam. ²³ Kemudian Salomo duduk sebagai raja di atas takhta kerajaan yang

ditetapkan Tuhan menggantikan Daud, ayahnya. Dia dikurniai kejayaan, sehingga semua orang Israel menuruti perintahnya. ²⁴ Semua pembesar, para kesateria, bahkan semua anak Raja Daud mengakui kekuasaan Raja Salomo. ²⁵ Tuhan membuat Salomo luar biasa besar di hadapan mata semua orang Israel, dan mengurniakan kepadanya kemegahan kerajaan yang belum pernah ada pada raja mana pun di Israel sebelum dia.

Raja Daud mati

²⁶ Demikianlah Daud anak Isai bertakhta atas seluruh Israel. ²⁷ Selama empat puluh tahun dia bertakhta atas orang Israel, tujuh tahun di Hebron dan tiga puluh tiga tahun di Yerusalem. ²⁸ Dia mati ketika sudah sangat tua, lanjut umur, penuh kekayaan dan kemuliaan. Lalu Salomo, anaknya, menaiki takhta menggantikannya. ²⁹ Sesungguhnya, riwayat Raja Daud dari awal hingga akhir tertulis dalam riwayat Samuel, pelihat itu, dalam riwayat Nabi Natan, dan dalam riwayat Gad, pelihat itu. ³⁰ Di situ ditulis pula seluruh pemerintahannya dan kejayaannya, juga keadaan zaman yang dialaminya, dialami Israel dan juga semua kerajaan di negeri-negeri lain.

2 TAWARIKH

Doa Raja Salomo memohon kebijaksanaan

1 ¹ Salomo anak Daud memperkuat kedudukannya dalam kerajaannya, dan Tuhan, Allahnya, menyertai dia serta membuatnya sangat agung sekali.

² Salomo berbicara kepada seluruh Israel – kepada para pemimpin pasukan seribu dan pasukan seratus, kepada para hakim, serta kepada semua pemimpin di seluruh Israel, iaitu para ketua kaum keluarga – ³ lalu bersama seluruh jemaah itu Salomo berangkat ke bukit pemujaan di Gibeon, kerana di sana ada Khemah Pertemuan yang dibuat Musa, hamba Tuhan itu, di gurun. ⁴ Tabut perjanjian Allah memang telah diangkut oleh Daud dari Kiryat-Yearim ke tempat yang disediakan Daud untuk itu, kerana dia telah membentangkan khemah untuk tabut itu di Yerusalem. ⁵ Namun demikian, mazbah daripada gangsa yang dibuat oleh Bezaleel anak Uri anak Hur masih ada di sana, di depan Khemah Suci

1:4: 2Sam 6:1-17; 1Taw 13:5-14; 15:25—16:1.

1:5: Kel 38:1-7.

Tuhan. Maka ke sanalah Salomo dan jemaah itu pergi mencari petunjuk Tuhan. ⁶ Di sana, di hadapan Tuhan, Salomo mempersembahkan seribu korban bakaran di atas mazbah gangsa yang ada di depan Khemah Pertemuan itu.

⁷ Pada malam itu Allah menampakkan diri kepada Salomo dan berfirman, “Mintalah apa yang kauingin Kukurniakan kepadamu.”

⁸ Kata Salomo kepada Allah, “Engkau telah menunjukkan kasih yang besar kepada Daud, ayahku, dan Engkau telah mengangkat aku menjadi raja menggantikannya. ⁹ Sekarang, ya Tuhan Allah, kiranya janji-Mu kepada Daud, ayahku, diteguhkan kerana Engkau telah mengangkat aku menjadi raja atas umat yang besar bilangannya seperti debu tanah. ¹⁰ Berilah aku sekarang kebijaksanaan dan pengetahuan supaya aku dapat menangani ini dan itu sebagai pemimpin umat ini, kerana siapakah yang dapat memerintah umat-Mu yang besar ini?”

¹¹ Firman Allah kepada Salomo, “Kerana engkau menghendaki hal itu, dan engkau tidak meminta kekayaan, harta benda, kemuliaan, nyawa orang yang membencimu, atau umur panjang, melainkan meminta kebijaksanaan serta pengetahuan supaya dapat memerintah

umat-Ku yang engkau telah Kuangkat menjadi raja, ¹² maka kebijaksanaan dan pengetahuan itu dikurniakan kepadamu. Selain itu, Kukurniakan juga kepadamu kekayaan, harta benda, dan kemuliaan yang belum pernah dimiliki raja mana-mana pun sebelum engkau dan tidak akan dimiliki seorang pun sesudah engkau.”

¹³ Kemudian dari Gibeon itu, iaitu dari hadapan Khemah Pertemuan di bukit pemujaan, Salomo pulang ke Yerusalem, dan dia pun bertakhta atas Israel.

Harta kekayaan Raja Salomo

¹⁴ Salomo mengumpulkan rata dan pasukan berkuda. Dia mempunyai seribu empat ratus buah rata dan dua belas ribu orang pasukan berkuda yang ditempatkannya di kota-kota rata dan juga di Yerusalem bersama-sama raja.

¹⁵ Raja membuat perak dan emas di Yerusalem sama seperti batu kerana banyaknya, dan pokok araz sama banyaknya seperti pokok ara yang ada di Dataran Rendah. ¹⁶ Kuda untuk Salomo dibawa masuk dari Mesir dan dari Kewe. Saudagar-saudagar raja membelinya dari Kewe dengan harga pasaran. ¹⁷ Sebuah rata yang dibawa masuk dari Mesir berharga enam ratus

syikal perak, manakala seekor kuda berharga seratus lima puluh syikal. Kemudian dengan perantaraan mereka semua itu dijual lagi kepada semua raja Het dan kepada raja-raja Aram.

Segala persediaan bagi pembinaan Bait Suci

2¹ Salomo memberikan perintah untuk membangunkan bait bagi nama Tuhan dan juga istana diraja bagi dirinya. ² Salomo mengerahkan tujuh puluh ribu orang tukang pikul, lapan puluh ribu orang tukang pahat untuk memecah batu di pergunungan, dan tiga ribu enam ratus orang untuk mengawasi mereka.

³ Lalu Salomo mengutus orang kepada Hiram^w, raja Tirus, dengan pesan, “Lakukanlah terhadap aku hal yang sama seperti yang tuan lakukan terhadap Daud, ayahku, ketika tuan mengirinkan kepadanya kayu araz untuk membangunkan istana tempat tinggalnya. ⁴ Sesungguhnya, aku hendak membangunkan sebuah bait bagi nama Tuhan, Allahku, dan mentakdiskannya bagi Dia. Di dalam bait itu akan dibakar dupa harum di hadirat-Nya, disediakan roti persembahan yang tetap, serta dipersembahkan korban bakaran pada waktu pagi dan petang, pada hari Sabat, pada bulan baru, dan pada hari raya yang

^w**2:3** Kelainan ejaan dalam Ibrani: Hiram.

ditetapkan Tuhan, Allah kami. Semuanya itu kewajiban kekal bagi orang Israel. ⁵ Bait yang hendak kubina itu haruslah besar, kerana Allah kami lebih besar daripada segala tuhan. ⁶ Namun demikian, sesungguhnya siapakah yang mampu membina sebuah bait bagi-Nya? Langit, bahkan langit di atas segala langit pun tidak dapat memuat Dia. Siapakah aku ini sehingga aku hendak membina sebuah bait bagi-Nya? Bait itu tidak lain sebagai tempat untuk membakar dupa di hadirat-Nya. ⁷ Sekarang, sudilah tuan mengirimkan kepadaku seorang yang ahli mengerjakan emas, perak, gangsa, besi, kain ungu, kain kirmizi, dan kain biru, serta yang juga ahli membuat ukiran. Dia akan bekerja bersama-sama para ahli yang ada denganku di Yehuda dan di Yerusalem, yang telah disediakan oleh Daud, ayahku. ⁸ Kirimkanlah juga kepadaku kayu araz, kayu sanubar, dan kayu cendana dari Lebanon, kerana aku tahu bahawa hamba-hamba tuan memang ahli dalam hal menebang pokok-pokok Lebanon. Hamba-hambaku akan bekerja bersama-sama hamba-hamba tuan ⁹ untuk menyediakan sejumlah besar kayu bagiku, kerana bait yang hendak kubina itu haruslah besar dan menakjubkan. ¹⁰ Bagi hamba-hamba tuan, para

tukang yang menebang pokok itu, akan kuberi 20,000 kor gandum tumbuk, 20,000 kor barli, 20,000 bat anggur, dan 20,000 bat minyak.”

¹¹ Jawab Hiram, raja Tirus, dalam surat balasan yang dikirimnya kepada Salomo, “Kerana Tuhan mengasihi umat-Nya, Dia telah mengangkat engkau menjadi raja atas mereka.” ¹² Kata Hiram lagi, “Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel, yang menjadikan langit dan bumi! Dia telah mengurniakan kepada Raja Daud seorang anak yang bijak, penuh akal budi dan pengertian, yang akan membina bait bagi Tuhan serta istana diraja bagi dirinya sendiri. ¹³ Sekarang, kukirimkan seorang ahli yang sangat terampil, iaitu Hiram-Abi. ¹⁴ Dia ialah anak seorang perempuan daripada suku Dan, sedangkan ayahnya seorang Tirus. Dia memang ahli bidang mengerjakan emas, perak, gangsa, besi, batu, kayu, kain ungu, kain biru, linen halus, dan kain kirmizi. Dia juga cekap mengerjakan segala jenis ukiran serta dapat membuat semua rancangan yang akan ditugaskan kepadanya bersama-sama ahli-ahli tuan dan ahli-ahli tuanku Daud, ayah tuan. ¹⁵ Sekarang, kirimkanlah gandum, barli, minyak, dan anggur yang tuanku sebutkan itu melalui hamba-hamba tuan. ¹⁶ Kami akan menebang kayu dari Lebanon sebanyak yang tuan perlukan. Selanjutnya kayu itu akan kami

bawa kepada tuan dengan rakit melalui laut ke Yope,^x dan tuan dapat mengangkutnya ke Yerusalem.”

¹⁷ Salomo menghitung semua pendatang yang ada di Tanah Israel menurut penghitungan yang pernah dilakukan oleh Daud, ayahnya. Didapatilah seratus lima puluh tiga ribu enam ratus orang. ¹⁸ Daripada kalangan mereka dia menetapkan tujuh puluh ribu orang sebagai tukang pikul, lapan puluh ribu orang sebagai tukang pahat di pergunungan, dan tiga ribu enam ratus orang untuk mengawasi semua orang itu bekerja.

Raja Salomo membina Bait Suci

3¹ Kemudian Salomo memulakanlah pembinaan Bait Tuhan di tempat yang telah disediakan Daud, iaitu di tempat pembantingan Ornan orang Yebus di Yerusalem, Gunung Moria. Di situlah dahulu Allah menampakkan diri kepada Daud, ayahnya. ² Pembinaan dimulai oleh Salomo pada hari kedua pada bulan kedua dalam tahun keempat pemerintahannya. ³ Inilah ukuran bagi asas Rumah Allah yang dibangunkan Salomo: Panjangnya enam puluh hasta, menurut

^x**2:16** Nama lain Yope ialah Yafo.

3:1: Kej 22:22.

ukuran hasta lama, dan lebarnya dua puluh hasta. ⁴ Manakala serambi di depan bait itu sepanjang dua puluh hasta, menurut lebar bait itu, dan setinggi seratus dua puluh hasta. Dia menyalut bahagian dalam bait itu dengan emas tulen. ⁵ Kemudian dipapankannya ruang besar dengan kayu sanubar, yang disalut dengan emas mutu tinggi, lalu padanya dipasang hiasan pokok kurma dan untaian rantai. ⁶ Ruang itu dihiasinya dengan segala jenis batu permata mahal-mahal, sedangkan emasnya ialah emas dari Parwaim. ⁷ Demikianlah dia menyalut ruang itu dengan emas – segala alangnya, bendulnya, dindingnya, dan pintunya. Pada dinding-dindingnya diukirnya malaikat kerubin. ⁸ Selanjutnya dibuatnya Tempat Yang Maha Suci. Panjangnya 20 hasta, menurut lebar bait itu, dan lebarnya pun 20 hasta. Dia menyaluti ruang itu dengan emas mutu tinggi seberat 600 talenta. ⁹ Berat paku-pakunya ialah 50 syikal emas. Dia juga menyalut bilik-bilik atas dengan emas.

¹⁰ Dalam Tempat Yang Maha Suci itu dibuatnya dua pahatan malaikat kerubin yang kemudian disaluti emas. ¹¹ Sayap malaikat-malaikat kerubin itu sepanjang 20 hasta. Sebelah sayap daripada malaikat kerubin pertama sepanjang lima hasta,

menyentuh dinding bait sebelah sini, sedangkan sayapnya yang sebelah lagi, sepanjang lima hasta juga, menyentuh sayap malaikat kerubin kedua.¹² Demikian jugalah sebelah sayap daripada malaikat kerubin kedua itu sepanjang lima hasta, menyentuh dinding bait sebelah sana, sedang sayapnya yang sebelah lagi, sepanjang lima hasta juga, bersinggungan dengan sayap malaikat kerubin pertama.¹³ Sayap kedua-dua malaikat kerubin itu terkembang sepanjang 20 hasta. Kedua-dua malaikat itu tegak di atas kakinya dan menghadap ke ruang besar.¹⁴ Selain itu dibuatnya tabir daripada kain biru, kain ungu, kain kirmizi, dan linen halus, lalu dipasangnya hiasan malaikat-malaikat kerubin pada tabir itu.

Dua tonggak besar Bait Suci

¹⁵ Di depan bait itu Salomo membuat dua tonggak setinggi tiga puluh lima hasta, dengan kepala tiang di bahagian atasnya masing-masing setinggi lima hasta.¹⁶ Dia juga membuat untaian rantai seperti di ruang belakang lalu memasangkannya pada kepala tonggak-tonggak itu. Dibuatnya seratus buah delima dan dipasangkannya pada untaian rantai itu.

¹⁷ Kemudian tiang-tiang itu didirikannya di depan

Bait Suci, masing-masing di sebelah kanan dan di sebelah kiri. Tiang sebelah kanan dinamainya Yakhin, sedangkan tiang sebelah kiri dinamainya Boas.

Segala kelengkapan Bait Suci

4¹ Salomo membuat sebuah mazbah daripada gangsa berukuran sepanjang dua puluh hasta, selebar dua puluh hasta dan setinggi sepuluh hasta. ² Selanjutnya dibuatnya kolam logam tuangan bulat berkeliling berukuran sepuluh hasta dari tepi ke tepi, setinggi lima hasta, dan dapat dililit oleh tali pengukur sepanjang tiga puluh hasta. ³ Di bawah tepi kolam itu ada arca lembu jantan yang mengitari sekelilingnya, sepuluh ekor dalam sehasta. Arca lembu yang terdiri daripada dua deret dibuat setuangan dengan kolam itu. ⁴ Kolam itu didirikan di atas dua belas ekor lembu jantan: tiga menghadap ke utara, tiga menghadap ke barat, tiga menghadap ke selatan, dan tiga menghadap ke timur. Kolam itu ditempatkan di atas lembu-lembu jantan itu, dengan semua buntut lembu itu mengarah ke dalam. ⁵ Tebal kolam itu setelapak tangan dan tepinya dibuat seperti tepi cawan, seperti bunga bakung yang mengembang. Kolam itu

dapat memuat tiga ribu bat air. ⁶ Dia juga membuat sepuluh buah bejana pembasuhan lalu meletakkan lima buah di sebelah kanan dan lima buah di sebelah kiri sebagai tempat pembasuhan. Apa-apa sahaja yang terpakai untuk korban bakaran dibasuh di situ, tetapi tempat pembasuhan bagi para imam ialah kolam tadi.

⁷ Setelah itu, dia membuat sepuluh buah kaki pelita emas selaras dengan aturannya lalu diletaknya di dalam Bait Suci, lima buah di sebelah kanan dan lima buah di sebelah kiri.

⁸ Dia juga membuat sepuluh buah meja dan menempatkannya di dalam Bait Suci, lima buah di sebelah kanan dan lima buah di sebelah kiri, lalu dibuatnya seratus biji bokor emas.

⁹ Kemudian dia membuat pelataran para imam, halaman besar, dan pintu-pintu halaman itu, lalu disalutnya pintu-pintu itu dengan gangsa.

¹⁰ Kolam ditematkannya di sebelah selatan bait, di arah tenggara.

¹¹ Hiram juga membuat periuk, penyodok, dan bejana.

Demikianlah Hiram selesai pekerjaan yang harus dilakukannya bagi Raja Salomo di Rumah Allah:

¹² dua batang tiang;

mangkuk kepala tiang yang ada di atas dua batang tiang itu;

kedua-dua jala yang menudungi dua biji mangkuk kepala tiang itu;

¹³ empat ratus buah delima untuk kedua-dua jala itu, dua deret pada setiap jala, yang menudungi dua biji mangkuk kepala tiang itu;

¹⁴ penopang dengan bejana-bejana pembasuhan di atas penopang itu;

¹⁵ dan kolam tuangan dengan kesemua dua belas arca lembu jantan di bawahnya.

¹⁶ Periuk, penyodok, garpu dan segala kelengkapan yang dibuat Hiram-Abi bagi Raja Salomo untuk Bait Tuhan adalah daripada gangsa yang digilap.

¹⁷ Raja menyuruh agar semua itu dituang di Lembah Yordan, di antara Sukot dengan Zereda^y, dalam tanah liat. ¹⁸ Semua kelengkapan itu dibuat Salomo dalam jumlah yang amat besar, sehingga tidak dapat diketahui berat gangsa itu.

¹⁹ Salomo juga membuat segala alat kelengkapan yang ada di Rumah Allah: mazbah daripada emas; meja-meja tempat roti persembahan; ²⁰ kaki-kaki pelita dengan

Y4:17 Nama Ibr yang lain ialah Sartan.

pelita-pelitanya daripada emas murni, untuk dinyalakan di depan ruang belakang selaras dengan aturannya; ²¹ bunga-bunganya, pelita-pelitanya, dan penyepit-penyepitnya terbuat daripada emas, iaitu emas murni; ²² sepit, bokor, pedupaan, dan perbaraannya yang diperbuat daripada emas murni; pintu masuk bait itu, pintu-pintu sebelah dalam menuju Tempat Yang Maha Suci, dan pintu ruang besar Bait Suci itu yang diperbuat daripada emas.

5 ¹ Maka selesailah segala pekerjaan yang dilaksanakan Salomo untuk Rumah Tuhan. Salomo membawa masuk barang persembahan suci Daud, ayahnya, iaitu perak, emas, dan segala alat kelengkapan itu, lalu menaruhnya di dalam perbendaharaan Rumah Allah.

Tabut perjanjian Allah dibawa masuk ke Bait Allah

² Lalu Salomo mengumpulkan tua-tua Israel dan semua ketua suku, pemimpin kaum keluarga bani Israel untuk menghadapnya di Yerusalem supaya mereka mengangkut tabut perjanjian Tuhan dari Kota Daud, iaitu Sion. ³ Lalu berkumpullah semua

5:1: 2Sam 8:11; 1Taw 18:11.

5:2: 2Sam 6:12-15; 1Taw 15:25-28.

orang Israel menghadap raja pada hari perayaan pada bulan ketujuh.

⁴ Setelah semua tua-tua Israel datang, orang Lewi pun mengusung tabut itu. ⁵ Mereka mengangkut tabut, Khemah Pertemuan, dan segala kelengkapan suci yang ada di dalam khemah itu. Semua itu diangkut oleh imam bani Lewi. ⁶ Raja Salomo dan seluruh umat Israel yang telah berkumpul di hadapannya berdiri di depan tabut itu, dan mengorbankan domba serta lembu yang tidak terhitung dan tidak terbilang banyaknya. ⁷ Kemudian para imam membawa tabut perjanjian Tuhan masuk ke tempatnya di ruang dalaman bait itu, iaitu Tempat Yang Maha Suci, dan tabut itu diletakkan di bawah sayap kerubin. ⁸ Jadi, kerubin-kerubin itu mengembang sayap di atas tempat tabut itu dan menudungi tabut dan kayu-kayu pengusungnya dari atas. ⁹ Kayu-kayu pengusung itu sedemikian panjang, sehingga hujung-hujungnya terlihat dari Tempat Suci² di hadapan ruang dalaman, tetapi tidak terlihat dari luar. Di situlah tempatnya sampai hari ini. ¹⁰ Tidak ada yang lain di dalam tabut itu kecuali dua loh yang diletakkan Musa di dalamnya, ketika Tuhan mengikat perjanjian

²5:9 Ada naskhah mencatat, 'Terlihat daripada tabut.'

5:10: Ul 10:5.

dengan orang Israel di Horeb, setelah mereka keluar dari Mesir.

¹¹ Para imam pun keluar dari Tempat Suci. Semua imam yang hadir telah menyucikan diri mereka, tanpa mengikut giliran regu masing-masing. ¹² Semua penyanyi daripada bani Lewi, iaitu Asaf, Heman, Yedutun, serta anak-anak daripada saudara-saudara mereka, berdiri di sebelah timur mazbah dengan mengenakan linen halus sambil memegang ceracap, gambus, serta kecapi. Bersama-sama mereka ada seratus dua puluh orang imam peniup nafiri. ¹³ Para peniup nafiri dan penyanyi itu serentak memperdengarkan suara untuk memuji dan mengucap syukur kepada Tuhan. Dengan diiringi nafiri, ceracap, dan alat-alat muzik yang lain, para penyanyi mengangkat suara sambil memuji Tuhan, demikian,

“Kerana Dia baik,

kasih-Nya kekal selama-lamanya!”

Tiba-tiba awan memenuhi bait itu, iaitu Bait Tuhan, ¹⁴ dan para imam tidak dapat berdiri untuk menyelenggarakan ibadat disebabkan awan itu, kerana kemuliaan Tuhan memenuhi Rumah Allah.

6¹ Pada waktu itu berkatalah Salomo, “Tuhan telah berfirman bahawa Dia bersemayam dalam kalam pekat.

² Aku telah membina bait agung bagi hadirat-Mu, tempat Engkau hadir selama-lamanya.”

Pidato Raja Salomo di hadapan orang Israel

³ Kemudian raja berpaling dan memohonkan berkat untuk seluruh jemaah Israel, ketika seluruh jemaah Israel berdiri. ⁴ Dia berkata, “Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel! Dia sendiri telah berfirman kepada Daud, ayahku, dan telah menggenapinya dengan kuasa-Nya. Firman-Nya, ⁵ ‘Sejak Aku membawa umat-Ku keluar dari Tanah Mesir, tidak ada kota yang Kupilih di antara semua suku Israel untuk membina sebuah bait supaya nama-Ku tinggal di sana, dan tidak ada orang yang Kupilih untuk menjadi pemimpin atas umat-Ku Israel. ⁶ Tetapi kemudian Aku memilih Yerusalem supaya nama-Ku tinggal di sana, dan Aku memilih Daud untuk mengepalai umat-Ku Israel.’

⁷ Daud, ayahku, berniat membina sebuah bait bagi nama Tuhan, Allah Israel, ⁸ Tetapi Tuhan berfirman kepada Daud, ayahku, ‘Niatmu untuk

membina bait bagi nama-Ku itu memang baik.

⁹ Akan tetapi, bukan engkau yang akan membina bait itu, melainkan anak kandungmu yang akan lahir kelak. Dialah yang akan membina bait bagi nama-Ku.'

¹⁰ Sekarang Tuhan telah menepati firman yang disampaikan-Nya, kerana aku telah bangkit untuk menggantikan Daud, ayahku. Aku telah duduk di atas takhta kerajaan Israel, seperti yang difirmankan Tuhan, dan telah membina bait bagi nama Tuhan, Allah Israel. ¹¹ Di sana telah kutempatkan tabut berisi perjanjian Tuhan, yang diikat-Nya dengan orang Israel."

Doa Raja Salomo

¹² Salomo berdiri menghadap mazbah Tuhan, di hadapan seluruh jemaah Israel, lalu menadahkan tangannya. ¹³ Memang Salomo telah membuat mimbar gangsa yang sepanjang lima hasta, selebar lima hasta, dan setinggi tiga hasta. Dia meletakkan mimbar itu di tengah-tengah halaman, berdiri di atasnya, lalu berlutut di hadapan seluruh jemaah Israel sambil menadahkan tangannya ke langit. ¹⁴ Katanya, "Ya Tuhan, Allah Israel, tidak ada Allah yang seperti Engkau, baik di langit mahupun di bumi. Engkau berpegang teguh pada perjanjian dan kasih abadi bagi hamba-hamba-Mu yang hidup

di hadapan-Mu dengan segenap hati mereka.

¹⁵ Engkau yang berpegang teguh pada apa yang Kaujanjikan kepada hamba-Mu Daud, ayahku. Engkau sendiri telah berfirman lalu mengotakannya dengan kuasa-Mu, seperti yang terjadi pada hari ini. ¹⁶ Sekarang, ya Tuhan, Allah Israel, peganglah apa yang telah Kaujanjikan kepada hamba-Mu Daud, ayahku, dengan berfirman, 'Di hadapan-Ku, tidak akan terputus keturunanmu yang akan duduk di atas takhta kerajaan Israel, asalkan anak-anakmu tetap hidup menurut hukum Taurat, sebagaimana engkau telah hidup di hadapan-Ku.' ¹⁷ Sekarang, ya Tuhan, Allah Israel, biarlah terbukti firman yang Kausampaikan kepada hamba-Mu Daud.

¹⁸ Akan tetapi, sungguhkah Allah mahu tinggal bersama-sama manusia di atas bumi? Sesungguhnya, langit bahkan langit di atas segala langit pun tidak dapat memuat Engkau, apa lagi bait yang kubangunkan ini! ¹⁹ Tiliklah doa dan permohonan hamba-Mu ini, ya Tuhan, Allahku. Dengarlah seruan dan doa yang hamba-Mu panjatkan di hadirat-Mu ini. ²⁰ Semoga siang dan malam mata-Mu terbuka terhadap bait ini, terhadap tempat yang Kaufirmankan bahawa Engkau akan menegakkan nama-Mu di sini.

Dengarlah doa yang dipanjatkan hamba-Mu dengan menghadap ke tempat ini. ²¹ Dengarlah kiranya permohonan hamba-Mu dan umat-Mu Israel ketika mereka berdoa dengan menghadap ke tempat ini. Dengarlah dari tempat tinggal-Mu di syurga, dan ampunilah kami ketika Engkau mendengarkannya.

²² Jika seseorang berdosa terhadap sesamanya, dia harus mengangkat sumpah, dan datang bersumpah di depan mazbah-Mu di bait ini, ²³ maka dengarlah kiranya di syurga dan bertindaklah. Adililah hamba-hamba-Mu, balaslah orang yang bersalah, dan timpakanlah perbuatannya pada dirinya sendiri. Pertahankanlah orang benar, dan ganjarlah dia selaras dengan perbenarannya.^a

²⁴ Jika umat-Mu Israel dikalahkan oleh musuh kerana mereka berdosa terhadap Engkau, kemudian mereka berbalik kepada-Mu, mengakui keagungan nama-Mu, berdoa, dan memohon belas kasihan di hadapan-Mu di bait ini, ²⁵ maka dengarlah kiranya di syurga. Ampunkanlah dosa umat-Mu Israel dan bawalah mereka kembali ke tanah yang telah Kaukurniakan kepada mereka serta nenek moyang mereka.

^a**6:23** Perkataan 'perbenarannya' merujuk kepada perbuatan dan tingkah laku yang tidak bersalah.

²⁶ Apabila langit tertutup dan hujan tidak kunjung turun kerana mereka telah berdosa terhadap Engkau, lalu mereka berdoa dengan menghadap ke tempat ini, mengakui keagungan nama-Mu, dan berbalik daripada dosa mereka kerana Engkau telah menindas mereka, ²⁷ maka dengarlah kiranya di syurga. Ampunkanlah dosa hamba-hamba-Mu dan umat-Mu, Israel – kerana Engkaulah yang mengajar mereka jalan baik yang patut ditempuh mereka – dan turunkanlah hujan ke tanah-Mu, yang telah Kaukurniakan kepada umat-Mu sebagai harta pusaka.

²⁸ Jika ada bencana kebuluran di negeri, penyakit sampar, kelayuan tanaman, penyakit bijirin, belalang besar, dan belalang pemusnah; jika musuh mengepung salah sebuah kota di negeri mereka; jika ada wabak atau penyakit apa-apa pun, ²⁹ lalu seseorang atau seluruh umat-Mu Israel memanjatkan suatu doa atau permohonan sambil menadahkan tangan dengan menghadap ke bait ini kerana masing-masing mengetahui kesusahan dan penderitaan sendiri, ³⁰ maka dengarlah dari tempat tinggal-Mu di syurga. Ampunilah, dan balaslah setiap orang selaras dengan segala jalan hidupnya kerana Engkau mengetahui isi hatinya – hanya Engkaulah yang mengetahui isi hati anak-anak manusia. ³¹ Dengan demikian mereka akan takut

kepada-Mu dan hidup menurut jalan-Mu selama mereka hidup di tanah yang telah Kaukurniakan kepada nenek moyang kami.

³² Juga bagi orang asing yang tidak termasuk umat-Mu Israel, yang datang dari negeri jauh kerana nama-Mu yang besar, tangan-Mu yang perkasa, dan lengan-Mu yang terhulur, apabila dia datang berdoa dengan menghadap ke bait ini, ³³ maka dengarlah kiranya dari syurga, tempat tinggal-Mu. Bertindaklah selaras dengan semua yang diserukan kepada-Mu oleh orang asing itu. Dengan demikian, segala bangsa di bumi dapat mengenal nama-Mu serta takut kepada-Mu seperti umat-Mu, Israel, dan mereka tahu bahawa nama-Mu diserukan atas bait yang kubangunkan ini.

³⁴ Jika umat-Mu maju berperang melawan musuh-musuh mereka, ke mana-mana pun Kausuruh mereka, dan jika mereka berdoa kepada-Mu dengan berkiblat ke kota yang Kaupilih serta ke bait yang kubangunkan bagi nama-Mu, ³⁵ maka dengarlah kiranya di syurga doa dan permohonan mereka. Belalah perkara mereka.

³⁶ Jika mereka berdosa terhadap Engkau – kerana tidak ada manusia yang tidak berdosa – dan Engkau murka terhadap mereka serta menyerahkan mereka kepada musuh sehingga

mereka dibuang sebagai tawanan ke negeri yang jauh atau yang dekat,³⁷ dan jika mereka sadar akan diri di negeri tempat mereka tertawan, lalu berbalik serta memohon belas kasihan kepada-Mu di negeri tempat mereka tertawan itu dengan berkata, 'Kami telah berdosa, bersalah, dan berbuat fasiq;'³⁸ jika mereka berbalik kepada-Mu dengan segenap hati dan dengan segenap jiwa di negeri tempat mereka tertawan, iaitu tempat kalangan yang menawan mereka; dan jika mereka berdoa dengan berkiblat ke negeri yang telah Kaukurniakan kepada nenek moyang mereka, ke kota yang telah Kaupilih, serta ke bait yang telah kubangunkan bagi nama-Mu,³⁹ maka dengarlah kiranya doa dan permohonan mereka dari tempat tinggal-Mu di syurga. Belalah perkara mereka, dan ampunilah umat-Mu yang telah berdosa terhadap Engkau.

⁴⁰ Sekarang, ya Allahku, biarlah mata-Mu terbuka dan telinga-Mu mendengar doa yang dipanjatkan di tempat ini:

⁴¹ Ya Tuhan Allah, segeralah hadir di tempat Engkau bersemayam, Engkau dengan tabut kekuatan-Mu.

Biarlah para imam-Mu, ya Tuhan Allah, menyarungkan penyelamatan,

dan biarlah orang salih-Mu bersorak-sorai
kerana kebaikan-Mu.

⁴² Ya Tuhan Allah, janganlah berpaling daripada
orang yang telah Kaulantik.

Ingatlah kasih abadi-Mu kepada Daud,
hamba-Mu itu.”

Api turun dari langit dan nyanyian syukur

7 ¹ Setelah Salomo selesai berdoa, tiba-tiba
turunlah api dari langit melahap korban
bakaran dan korban-korban sembelihan itu,
lalu kemuliaan Tuhan memenuhi bait itu. ² Para
imam tidak dapat memasuki Bait Tuhan kerana
kemuliaan Tuhan memenuhi Bait Tuhan itu.

³ Ketika seluruh orang Israel melihat api itu
turun dan kemuliaan Tuhan meliputi bait itu,
berlututlah mereka di atas lantai batu dengan
menyembamkan muka ke tanah. Mereka sujud
menyembah dan mengucap syukur kepada
Tuhan,

“Kerana Dia baik,
kasih-Nya kekal selama-lamanya!”

7:1: Im 9:23-24.

7:3: 1Taw 16:34; 2Taw 5:13; Ezer 3:11; Mzm 100:5; 106:1;
107:1; 118:1; 136:1; Yer 33:11.

Korban perasmian dan perayaan

⁴ Kemudian raja dan seluruh bangsa mempersembahkan korban sembelihan di hadapan Tuhan. ⁵ Raja Salomo mempersembahkan 22,000 ekor lembu serta 120,000 ekor domba sebagai korban sembelihan. Demikianlah raja dan seluruh umat merasmikan Rumah Allah. ⁶ Para imam berdiri menurut tugas masing-masing, begitu juga bani Lewi dengan alat-alat muzik untuk memuliakan Tuhan. Alat-alat itu dibuat oleh Raja Daud untuk mengucap syukur kepada Tuhan ketika dia memuji-muji Allah dengan iringan mereka, “Kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya!” Para imam meniup nafiri di hadapan mereka, manakala semua orang Israel berdiri.

⁷ Selanjutnya Salomo menyucikan bahagian tengah pelataran yang terletak di depan Bait Tuhan. Di situlah dia mempersembahkan korban bakaran dan lemak korban kedamaian, kerana mazbah daripada gangsa yang dibuat oleh Salomo tidak dapat memuat kesemua korban bakaran, persembahan bahan makanan, serta lemak korban itu.

⁸ Pada waktu itu juga Salomo mengadakan perayaan selama tujuh hari bersama-sama semua orang Israel, yang datang dari jalan masuk

Hamat sampai ke Wadi Mesir – suatu jemaah yang sangat besar. ⁹ Pada hari kelapan mereka mengadakan perhimpunan raya kerana mereka telah merayakan pentahbisan mazbah selama tujuh hari dan perayaan Pondok Daun selama tujuh hari juga. ¹⁰ Pada hari kedua puluh tiga pada bulan ketujuh dia melepaskan bangsa itu pulang ke khemah masing-masing dengan gembira dan dengan hati yang riang kerana kebaikan yang telah ditunjukkan Tuhan kepada Daud, kepada Salomo, serta kepada Israel, umat-Nya.

Allah menampakkan diri lagi kepada Raja Salomo

¹¹ Demikianlah Salomo menyelesaikan Bait Tuhan serta istana raja. Dia berhasil melaksanakan segala sesuatu yang terlintas dalam hatinya untuk Bait Tuhan serta istananya. ¹² Kemudian Tuhan menampakkan diri kepada Salomo pada malam hari dan berfirman kepadanya, “Aku telah mendengar doamu dan telah memilih bait ini bagi-Ku untuk kaujadikan tempat mempersembahkan korban. ¹³ Jika Kututup langit sehingga tidak ada hujan, jika Kuperintahkan belalang melahap hasil bumi, dan jika Kulepaskan wabak penyakit di antara umat-Ku, ¹⁴ lalu umat-Ku, yang dipanggil atas

nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka. ¹⁵ Sekarang mata-Ku terbuka dan telinga-Ku siap mendengar doa yang dipanjatkan di tempat ini. ¹⁶ Aku telah memilih dan menyucikan bait ini, supaya nama-Ku tinggal di sana untuk selama-lamanya. Mata-Ku dan hati-Ku akan ada di sana sepanjang masa. ¹⁷ Mengenai engkau, jika engkau hidup di hadapan-Ku sama seperti Daud, ayahmu, dan bertindak selaras dengan segala sesuatu yang Kuperintahkan kepadamu, juga berpegang teguh pada segala ketetapan serta segala peraturan-Ku, ¹⁸ maka Aku akan meneguhkan takhta kerajaanmu selaras dengan perjanjian yang Kuikat dengan Daud, ayahmu, demikian, 'Tidak akan terputus keturunanmu yang berkuasa di Israel.' ¹⁹ Akan tetapi, jika kamu (atau para anakmu) berbalik dan meninggalkan ketetapan-ketetapan serta perintah-perintah yang telah Kuberikan kepadamu, lalu pergi beribadat kepada tuhan-tuhan lain dan sujud menyembahnya, ²⁰ maka Aku akan mencabut kamu dari tanah-Ku yang telah Kukurniakan

kepadamu, lalu bait yang telah Kusucikan bagi nama-Ku ini akan Kubuang daripada hadirat-Ku dan akan Kujadikan suatu ibarat serta sindiran antara segala bangsa.

²¹ Setiap orang yang lalu di bait yang ditinggikan ini akan tercengang dan berkata, 'Mengapa Tuhan berbuat demikian terhadap negeri ini serta terhadap bait ini?' ²² Lalu orang akan menjawab, 'Kerana mereka meninggalkan Tuhan, Allah nenek moyang mereka, yang membawa mereka keluar dari Tanah Mesir. Mereka berpaut kepada tuhan-tuhan lain, sujud menyembahnya, dan beribadat kepadanya. Itulah sebabnya Dia mendatangkan segala malapetaka ini kepada mereka.' "

Beberapa usaha Raja Salomo

8 ¹ Pada akhir tahun kedua puluh Salomo sudah membina Bait Tuhan dan istananya.

² Salomo juga membina semula kota-kota yang diberikan Hiram kepadanya dan mengerahkan orang Israel untuk tinggal di sana. ³ Kemudian Salomo maju ke Hamat-Zoba dan menaklukinya.

⁴ Dia membangunkan Tadmor di gurun serta semua kota perbekalan yang pernah dibinanya di Hamat. ⁵ Dia juga membina Bet-Horon Hulu dan Bet-Horon Hilir untuk menjadi kota yang berkubu, bertembok, berpintu, serta

berpalang. ⁶ Begitu juga halnya dengan Baalat dan semua kota perbekalan yang dimiliki Salomo, semua kota tempat rata, kota-kota tempat pasukan berkuda, dan segala sesuatu yang ingin dibangun Salomo di Yerusalem, di Lebanon, serta di seluruh negeri kekuasaannya. ⁷ Semua yang tersisa daripada kalangan Het, orang Amori, orang Feris, orang Hewi, dan orang Yebus – yang tidak termasuk orang Israel – ⁸ iaitu keturunan bangsa-bangsa yang masih tinggal di negeri itu dan tidak dimusnahkan oleh orang Israel, merekalah yang dikerahkan Salomo sebagai buruh paksa. Demikianlah keadaan mereka sampai hari ini. ⁹ Sebaliknya, daripada kalangan orang Israel tidak ada yang dijadikan hamba abdi oleh Salomo untuk pekerjaannya; mereka menjadi para pejuang, ketua ajutannya, atau panglima kepada pasukan rata dan pasukan berkudanya. ¹⁰ Jumlah pegawai utama Raja Salomo yang memerintah rakyat ialah dua ratus lima puluh orang.

¹¹ Salomo memindahkan puteri Firaun dari Kota Daud ke istana yang dibinanya untuk puteri itu, kerana katanya, “Isteriku tidak boleh tinggal di istana Daud, raja Israel, kerana tempat-tempat yang pernah didatangi tabut Tuhan itu suci.”

¹² Kemudian di atas mazbah Tuhan yang dibangunkannya di depan serambi bait, Salomo

memperssembahkan korban bakaran kepada Tuhan, ¹³ selaras dengan apa yang harus diperssembahkan setiap hari menurut perintah Musa, pada hari-hari Sabat, pada bulan-bulan baru, dan tiga kali setahun pada hari-hari perayaan tertentu, iaitu Perayaan Roti Tidak Beragi, Perayaan Tujuh Minggu, dan Perayaan Pondok Daun. ¹⁴ Menurut peraturan Daud, ayahnya, dia menetapkan regu para imam untuk melaksanakan pekerjaan mereka, juga bani Lewi untuk bertugas memuji-muji Allah serta menyelenggarakan ibadat di hadapan para imam, sebagaimana wajib dilakukan setiap hari. Dia menetapkan regu penjaga pintu gerbang bagi setiap buah pintu gerbang, kerana demikianlah perintah Daud, hamba Allah itu. ¹⁵ Mereka tidak menyimpang daripada perintah raja mengenai para imam dan bani Lewi dalam hal apa-apa pun, juga dalam hal perbendaharaan.

¹⁶ Maka terlaksanalah sudah segala pekerjaan Salomo sejak hari peletakan dasar Bait Tuhan sampai bait itu selesai. Demikianlah Bait Tuhan itu diselesaikan.

¹⁷ Kemudian Salomo pergi ke Ezion-Geber serta ke Elot yang terletak di tepi laut, di Tanah Edom.

¹⁸ Lalu Hiram, dengan perantaraan anak buahnya, mengirim kepada Salomo kapal-kapal serta anak kapal yang cekap melayari laut. Mereka pergi bersama-sama anak buah Salomo ke Ofir dan mengambil dari sana empat ratus lima puluh talenta emas yang kemudian dibawa mereka kepada Raja Salomo.

Kunjungan ratu negeri Syeba

9 ¹ Ratu negeri Syeba mendengar khabar tentang Salomo. Maka dia pun datang ke Yerusalem untuk menguji Salomo dengan teka-teki. Dia diiringi pasukan yang amat besar serta unta-unta yang mengangkut rempah-ratus, emas yang begitu banyak, dan permata. Ketika dia bertemu dengan Salomo, dia bercakap dengan Salomo tentang segala isi hatinya.

² Salomo menjawab semua pertanyaannya. Bagi Salomo, tidak ada hal tersembunyi yang tidak dapat dijelaskannya kepada ratu itu. ³ Maka setelah ratu negeri Syeba melihat kebijaksanaan Salomo, istana yang dibangunkannya, ⁴ santapan di mejanya, cara duduk pegawainya, cara pelayanan pegawainya dan pakaian mereka, jururasa santapan dan pakaian mereka, serta

segala korban bakaran yang dipersembahkannya di Bait Tuhan, amat takjublah dia.

⁵ Katanya kepada raja, “Ternyata benarlah khabar yang kudengar di negeriku tentang tuan dan tentang kebijaksanaan tuan. ⁶ Aku tidak mempercayai khabar-khabar orang sampai aku datang dan melihatnya dengan mataku sendiri. Sesungguhnya, apa yang dikhabarkan kepadaku belumlah sampai setengah daripada ukuran kebijaksanaan tuan. Tuan melebihi khabar yang kudengar! ⁷ Berbahagialah anak buah tuan dan berbahagialah para pegawai tuan ini, yang sentiasa melayani tuan dan mendengar kebijaksanaan tuan. ⁸ Segala puji bagi Tuhan, Allahmu, yang telah berkenan kepada tuan sehingga Dia mendudukkan tuan di takhta kerajaan yang ditetapkan-Nya sebagai raja mewakili Tuhan, Allahmu! Kerana Allahmu mengasihi Israel dan hendak meneguhkan mereka untuk selama-lamanya, maka Dia pun mengangkat tuan menjadi raja atas mereka, supaya tuan menegakkan keadilan dan perbenaran.^b”

⁹ Kemudian ratu itu memberi raja seratus dua puluh talenta emas, rempah-ratus dalam jumlah

^b**9:8** Perbenaran: Lihat Kamus Alkitab bagi keterangan makna perkataan ini.

yang sangat banyak, serta permata. Tidak pernah ada rempah-ratus sebanyak pemberian ratu negeri Syeba kepada Raja Salomo itu.

¹⁰ Tambahan pula anak buah Hiram dan anak buah Salomo yang membawa emas dari Ofir, membawa kayu cendana dan permata juga.

¹¹ Daripada kayu cendana itu raja membuat tangga-tangga untuk Bait Tuhan dan istana raja, serta kecapi dan gambus bagi para penyanyi. Hal-hal seperti itu belum pernah dilihat sebelumnya di Tanah Yehuda.

¹² Raja Salomo memberi ratu negeri Syeba semua yang dikehendakinya dan yang dimintanya, melebihi apa yang telah dibawanya untuk raja. Lalu ratu itu berangkat pulang ke negerinya bersama-sama para pegawainya.

Penghasilan dan kekayaan Raja Salomo

¹³ Dalam setahun, emas yang dibawa kepada Salomo ialah seberat enam ratus enam puluh enam talenta, ¹⁴ belum termasuk yang dibawa oleh para saudagar dan pedagang. Semua raja Arab dan para pembesar di negeri itu juga membawa emas dan perak kepada Salomo.

¹⁵ Kemudian Raja Salomo membuat dua ratus buah perisai besar daripada emas tempaan. Enam ratus syikal emas tempaan digunakan untuk sebuah perisai besar. ¹⁶ Dia juga membuat

tiga ratus buah perisai kecil daripada emas tempaan. Tiga ratus syikal emas terpakai untuk sebuah perisai kecil. Lalu raja menaruh semua itu di dalam gedung “Hutan Lebanon.”

¹⁷ Raja juga membuat sebuah takhta besar daripada gading dan menyalutnya dengan emas tulen. ¹⁸ Takhta itu mempunyai enam anak tangga dan sebuah alas kaki daripada emas yang dilekatkan pada takhta itu. Pada sisi tempat duduknya ada pegangan tangan. Di sebelah pegangan-pegangan tangan itu pula berdirinya dua ekor patung singa, ¹⁹ manakala di atas keenam-enam anak tangga berdirinya dua belas ekor patung singa sebelah-menyebelah. Belum pernah dibuat barang yang demikian itu di mana-mana kerajaan pun.

²⁰ Segala alat kelengkapan minuman Raja Salomo terbuat daripada emas dan segala alat kelengkapan gedung “Hutan Lebanon” terbuat daripada emas murni. Pada zaman Raja Salomo perak tidak lagi dianggap berharga. ²¹ Raja mempunyai kapal-kapal yang berlayar ke Tarsis bersama hamba-hamba Hiram. Tiga tahun sekali kapal-kapal Tarsis itu datang mengangkut emas, perak, gading, kera, dan burung merak.

²² Dari segi kekayaan dan kebijaksanaan, Raja Salomo melebihi semua raja di bumi. ²³ Semua raja di bumi berusaha untuk datang menghadap

Salomo untuk mendengar kebijaksanaan yang ditaruh Allah dalam hatinya. ²⁴ Tahun demi tahun mereka datang membawa persembahan masing-masing, iaitu barang-barang perak, barang-barang emas, pakaian, senjata, rempah-ratus, kuda, dan baghal.

²⁵ Salomo mempunyai empat ribu kandang untuk kuda-kuda dan rata-ratanya serta dua belas ribu orang pasukan berkuda yang ditempatkannya di kota-kota rata dan juga di Yerusalem bersama-sama raja. ²⁶ Dia menjadi penguasa atas semua raja, mulai Sungai Efrat sampai ke negeri orang Filistin dan sampai ke perbatasan Mesir. ²⁷ Raja membuat perak di Yerusalem sama seperti batu kerana banyaknya, dan pokok araz sama banyaknya seperti pokok ara yang ada di Dataran Rendah. ²⁸ Kuda untuk Salomo dibawa masuk dari Mesir dan dari segala negeri.

Raja Salomo mati

²⁹ Riwayat Salomo yang selebihnya dari awal sampai akhir, bukankah semuanya tertulis dalam riwayat Nabi Natan, dalam kitab nubuat Ahia, orang Silo itu, dan dalam kitab penglihatan Ido,

9:25: 1Raj 4:26. **9:26:** Kej 15:18; 1Raj 4:21.

9:28: Ul 17:16.

pelihat itu, mengenai Yerobeam anak Nebat?
³⁰ Selama empat puluh tahun Salomo bertakhta di Yerusalem atas seluruh Israel. ³¹ Lalu Salomo dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya dan dimakamkan di Kota Daud, ayahnya. Maka Rehabeam, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Pecahnya kerajaan Israel

10 ¹ Rehabeam pergi ke Sikhem, kerana semua orang Israel telah datang ke Sikhem untuk menobatkan dia menjadi raja. ² Pada waktu itu Yerobeam anak Nebat masih berada di Mesir kerana sebelumnya dia melarikan diri daripada Raja Salomo. Setelah Yerobeam mendengar khabar itu, kembalilah dia dari Mesir. ³ Maka beberapa orang diutus untuk memanggil dia. Lalu Yerobeam serta semua orang Israel menemui Rehabeam dan berkata demikian, ⁴ “Ayah tuanku telah memberatkan tanggungan kami. Sekarang, mohon ringankanlah perhambaan yang keras daripada ayah tuanku itu dan tanggungan berat yang dipikulkannya kepada kami, maka kami akan menjadi hamba tuanku.”

⁵ Jawabnya kepada mereka, “Kembalilah menghadap aku tiga hari lagi.” Lalu pulanglah rakyat itu.

⁶ Kemudian Raja Rehabeam berunding dengan para tua-tua yang dahulu melayani Salomo, ayahnya, sewaktu Salomo masih hidup. Tanyanya, “Apakah nasihatmu untuk menjawab rakyat ini?”

⁷ Jawab mereka kepadanya, “Jika tuanku mahu berbuat baik kepada rakyat ini, menyenangkan mereka, dan menjawab mereka dengan kata-kata yang baik, maka mereka akan menjadi hamba tuanku sepanjang waktu.”

⁸ Akan tetapi, dia mengabaikan nasihat yang diberikan kepadanya oleh para tua-tua itu, lalu berunding dengan pemuda-pemuda yang membesar bersama-samanya dan yang melayani dia. ⁹ Tanyanya kepada mereka, “Apakah nasihatmu? Bagaimanakah kita harus menjawab rakyat yang berkata kepadaku, ‘Ringankanlah tanggungan yang dipikulkan ayah tuanku kepada kami?’”

¹⁰ Pemuda-pemuda yang membesar bersama-samanya itu menjawab, “Beginilah harus tuanku katakan kepada rakyat yang berkata kepada tuanku, ‘Ayah tuanku telah memberatkan tanggungan kami, tetapi mohon sudilah tuanku meringankannya bagi kami.’ Beginilah harus tuanku katakan kepada mereka, ‘Jari kelengkengku lebih besar daripada pinggang ayahku. ¹¹ Ayahku telah membebaskan tanggungan yang berat kepadamu, tetapi aku

akan menambah tanggunganmu. Ayahku telah mengajar kamu dengan cemeti, tetapi aku akan mengajar kamu dengan kala jengking.”

¹² Kemudian datanglah Yerobeam dan seluruh rakyat menghadap Rehabeam pada hari ketiga, sebagaimana kata-kata raja, “Kembalilah menghadap aku tiga hari lagi.” ¹³ Raja menjawab mereka dengan kasar. Dia mengabaikan nasihat para tua-tua, ¹⁴ dan menjawab rakyat menurut nasihat pemuda-pemuda itu, katanya, “Ayahku telah memberatkan tanggunganmu, tetapi aku akan menambahnya. Ayahku telah mengajar kamu dengan cemeti, tetapi aku akan mengajar kamu dengan kala jengking.” ¹⁵ Dengan demikian raja tidak mendengar permintaan rakyat.

Perkara itu memang ditetapkan Allah, kerana Tuhan hendak melaksanakan firman yang disampaikan-Nya kepada Yerobeam anak Nebat dengan perantaraan Ahia, orang Silo itu.

¹⁶ Setelah semua orang Israel melihat bahawa raja tidak mahu mendengar permintaan mereka, maka rakyat menjawab raja demikian, “Bahagian apakah yang kita peroleh daripada Daud? Kita tidak memperoleh harta pusaka daripada anak Isai itu! Pulanglah ke khemah masing-masing,

wahai Israel! Sekarang, uruslah rumah tanggamu sendiri, wahai Daud!”

Maka pergilah semua orang Israel ke khemah masing-masing. ¹⁷ Namun demikian, Rehabeam masih bertakhta atas orang Israel yang tinggal di kota-kota Yehuda.

¹⁸ Kemudian Raja Rehabeam mengutus Hadoram, yang mengepalai buruh paksa. Akan tetapi, orang Israel melontarnya dengan batu sehingga dia mati. Raja Rehabeam pun segera menaiki ratanya untuk melarikan diri ke Yerusalem. ¹⁹ Demikianlah orang Israel memberontak terhadap keluarga Daud sampai hari ini.

11 ¹ Setibanya Rehabeam di Yerusalem, dia mengumpulkan keturunan kaum Yehuda dan Benyamin, seratus lapan puluh ribu orang pilihan yang siap bertempur, untuk berperang melawan orang Israel dan mengembalikan kerajaan itu kepada Rehabeam. ² Tetapi datanglah firman Tuhan untuk Semaya, hamba Allah, demikian, ³ “Katakanlah kepada Rehabeam anak Salomo, raja Yehuda, dan kepada semua orang Israel di Yehuda dan Benyamin, ⁴ ‘Beginilah firman Tuhan, “Jangan maju dan jangan berperang melawan para saudaramu. Pulanglah ke rumah masing-masing, kerana hal ini berasal daripada Aku.” ’ Mereka mendengar

firman Tuhan lalu pulang tanpa maju menyerang Yerobeam.

Raja Rehabeam mengukuhkan kerajaannya

⁵ Rehabeam tinggal di Yerusalem dan membina kota-kota berkubu di Yehuda. ⁶ Dia membina Betlehem, Etam, Tekoa, ⁷ Bet-Zur, Sokho, Adulam, ⁸ Gat, Maresa, Zif, ⁹ Adoraim, Lakhis, Azeka, ¹⁰ Zora, Ayalon, dan Hebron, kota-kota berkubu yang terletak di wilayah Yehuda serta Benyamin. ¹¹ Dia memperkuat kota-kota berkubu itu dan menempatkan pemimpin-pemimpin di situ lengkap dengan persediaan makanan, minyak, dan juga air anggur. ¹² Di setiap kota disediakannya perisai dan tombak. Dia menjadikan kota-kota itu sangat kuat. Demikianlah Yehuda dan Benyamin menjadi miliknya.

¹³ Kemudian para imam dan bani Lewi dari semua daerah kediaman mereka di seluruh Israel menggabungkan diri dengan Rehabeam. ¹⁴ Bani Lewi meninggalkan padang ragut serta milik mereka, lalu pergi ke Yehuda dan Yerusalem, kerana Yerobeam dan anak-anaknya melarang mereka daripada menjalankan tugas sebagai imam-imam Tuhan. ¹⁵ Yerobeam mengangkat

bagi dirinya imam untuk bukit-bukit pemujaan, untuk penyembahan patung kambing dan anak lembu yang dibuatnya. ¹⁶ Bani Lewi itu diiringi oleh kalangan daripada segala suku Israel yang menetapkan hati mereka untuk mencari hadirat Tuhan, Allah Israel. Mereka datang ke Yerusalem untuk mempersembahkan korban kepada Tuhan, Allah nenek moyang mereka. ¹⁷ Mereka memperkuat kerajaan Yehuda dan memantapkan kedudukan Rehabeam anak Salomo tiga tahun lamanya, kerana selama tiga tahun itu mereka hidup mengikuti jejak Daud dan Salomo.

Keluarga Raja Rehabeam

¹⁸ Rehabeam memperisteri Mahalat, anak Yerimot anak Daud dengan Abihail anak Eliab anak Isai. ¹⁹ Perempuan itu melahirkan baginya beberapa orang anak lelaki: Yeus, Semarya, dan Zaham. ²⁰ Sesudah Mahalat, dia memperisteri Maakha anak Absalom yang melahirkan baginya Abia, Atai, Ziza, dan Selomit. ²¹ Rehabeam mencintai Maakha anak Absalom lebih daripada semua isteri dan gundiknya. Dia mempunyai lapan belas orang isteri dan enam puluh orang gundik, serta dikurniai dua puluh lapan anak lelaki dan enam puluh orang anak perempuan. ²² Rehabeam mengangkat Abia, anak Maakha, sebagai ketua dan pemimpin antara saudaranya,

kerana dia bermaksud untuk menjadikannya raja. ²³ Dia bertindak bijak dengan menyebarkan semua anaknya ke seluruh Tanah Yehuda dan Benyamin, di semua kota berkubu. Dia memberi mereka makanan dengan limpahnya dan mencarikan ramai isteri bagi mereka.

Raja Sisak menyerang Yerusalem

12 ¹ Ketika kerajaan Rehabeam sudah kukuh dan kedudukannya sudah kuat, dia serta seluruh Israel meninggalkan hukum Tuhan. ² Oleh sebab mereka berbuat mungkar terhadap Tuhan, majulah Sisak, raja Mesir, menyerang Yerusalem, pada tahun kelima zaman pemerintahan Raja Rehabeam. ³ Sisak membawa seribu dua ratus buah rata dan enam puluh ribu pasukan berkuda. Pasukan yang datang bersama-samanya dari Mesir pun tidak terhitung banyaknya, iaitu orang Libia, orang Suki, dan orang Kush. ⁴ Direbutnya kota-kota berkubu di Yehuda sampai sejauh Yerusalem.

⁵ Kemudian datanglah Nabi Semaya menghadap Rehabeam dan para pembesar Yehuda yang berkumpul di Yerusalem kerana Sisak. Katanya kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan, ‘Kamu sudah meninggalkan Aku, sebab itu Aku pun meninggalkan kamu dalam kuasa Sisak.’ ”

⁶ Maka para pembesar Israel dan raja merendahkan diri lalu berkata, “Tuhan memang benar.”

⁷ Ketika Tuhan melihat bahawa mereka merendahkan diri, datanglah firman Tuhan untuk Semaya, demikian, “Kerana mereka telah merendahkan diri, Aku tidak akan membinasakan mereka. Aku akan mengurniai mereka sedikit keluputan, dan murka-Ku tidak akan Kucurahkan ke atas Yerusalem dengan perantaraan Sisak. ⁸ Namun demikian, mereka akan menjadi hamba-hambanya, supaya mereka tahu bagaimana bezanya menghamba kepada-Ku dengan menghamba kepada kerajaan-kerajaan negeri lain.”

⁹ Sisak, raja Mesir itu, maju menyerang Yerusalem. Dia merampas perbendaharaan Bait Tuhan dan perbendaharaan istana raja. Segala sesuatu dirampasnya. Dia juga merampas perisai-perisai emas yang dibuat oleh Salomo. ¹⁰ Lalu sebagai gantinya, Raja Rehabeam membuat perisai-perisai gangsa dan mempercayakannya kepada para pemimpin bentara yang menjaga pintu istana raja.

¹¹ Apabila sahaja raja masuk ke Bait Tuhan, datanglah para bentara membawa perisai-perisai

itu dan kemudian mengembalikannya ke bilik pengawal. ¹² Ketika raja merendahkan diri, murka Tuhan kepadanya menjadi surut, sehingga Allah tidak membinasakannya sama sekali. Apatah lagi, masih ada hal-hal yang baik di Yehuda.

¹³ Kemudian Raja Rehabeam memperkuat kedudukannya dan bertakhta di Yerusalem. Rehabeam berumur empat puluh satu tahun pada waktu dia menaiki takhta. Tujuh belas tahun lamanya ia bertakhta di Yerusalem, kota yang dipilih Tuhan daripada antara semua suku Israel untuk menegakkan nama-Nya di sana. Nama ibunya ialah Naama, orang Amon. ¹⁴ Dia berbuat jahat kerana tidak menetapkan hatinya untuk mencari hadirat Tuhan.

¹⁵ Riwayat Rehabeam dari awal sampai akhir, bukankah semuanya tertulis dalam riwayat Nabi Semaya dan Ido, pelihat itu, yang juga memuat salasilah? Antara Rehabeam dengan Yerobeam selalu berlakunya peperangan. ¹⁶ Lalu Rehabeam dibaringkan bersama nenek moyangnya. Dia dimakamkan di Kota Daud. Maka Abia^c, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikan dia.

^c**12:16** Nama Bhs Ibr lain, Abijam atau Abiam dlm Bhs Melayu.

Raja Abia

13 ¹ Pada tahun kelapan belas zaman pemerintahan Raja Yerobeam, Abia menaiki takhta atas Yehuda. ² Tiga tahun lamanya dia bertakhta di Yerusalem. Nama ibunya ialah Mikhaya anak Uriel, dari Gibea.

Kemudian terjadi peperangan antara Abia dengan Yerobeam. ³ Abia memulai perang dengan pasukan kesateria perang sebanyak empat ratus ribu orang pilihan, sedangkan Yerobeam mengatur barisan perangnya untuk melawan Abia dengan lapan ratus ribu orang pilihan, para kesateria yang gagah perkasa.

⁴ Lalu Abia berdiri di Gunung Zemaraim, yang terletak di Pergunungan Efraim, dan berkata, "Dengarlah aku, wahai Yerobeam dan semua orang Israel! ⁵ Tidakkah kamu tahu bahawa Tuhan, Allah Israel, telah mengurniakan kuasa atas kerajaan Israel kepada Daud dan keturunannya untuk selama-lamanya dengan suatu perjanjian garam? ⁶ Tetapi Yerobeam anak Nebat, hamba Salomo anak Daud, bangkit memberontak melawan tuannya.

⁷ Para bangsat iaitu orang dursila, bergabung dengannya, lalu mereka memantapkan diri untuk melawan Rehabeam anak Salomo. Pada waktu itu Rehabeam masih muda dan

tidak berpengalaman, sehingga dia tidak dapat bertahan melawan mereka.⁸ Sekarang, kamu fikir bahawa kamu dapat bertahan melawan kerajaan Tuhan yang dipercayakan kepada keturunan Daud, kerana jumlah kamu ramai dan padamu ada patung-patung anak lembu emas yang dibuat Yerobeam sebagai berhalmu.⁹ Bukankah kamu telah menyingkirkan imam-imam Tuhan, bani Harun, dan bani Lewi, lalu mengangkat bagimu imam-imam seperti bangsa-bangsa negeri lain? Sesiapa pun yang datang membaktikan diri dengan membawa seekor lembu jantan muda dan tujuh ekor domba jantan dijadikan imam untuk sesuatu yang bukan Allah.

¹⁰ Tetapi bagi kami, Tuhan ialah Allah kami, dan kami tidak meninggalkan Dia. Para imam yang menyelenggarakan ibadat kepada Tuhan ialah bani Harun, sedangkan bani Lewi melaksanakan tugas mereka.¹¹ Setiap pagi dan setiap petang mereka membakar korban bakaran dan dupa harum untuk dipersembahkan kepada Tuhan. Mereka mengatur roti persembahan di meja yang suci, dan menyalakan pelita-pelita pada kaki pelita emas setiap petang. Kami memegang kewajiban terhadap Tuhan, Allah kami, tetapi kamu telah meninggalkan Dia.¹² Sesungguhnya, Allah menyertai dan mengepalai kami. Para imam-Nya bersiap dengan nafiri untuk meniup

tanda serangan terhadap kamu. Wahai orang Israel, jangan berperang melawan Tuhan, Allah nenek moyangmu, kerana kamu tidak akan berhasil.”

¹³ Akan tetapi, Yerobeam menyuruh pasukan penyergapan berjalan melingkar dari belakang orang Yehuda, sehingga pasukan Israel berada di depan orang Yehuda dan pasukan penyergapan di belakang mereka. ¹⁴ Ketika orang Yehuda

menoleh, tampak bahawa mereka harus menghadapi peperangan itu dari depan dan dari belakang. Mereka pun berseru kepada Tuhan, sementara para imam meniup nafiri.

¹⁵ Orang Yehuda memperdengarkan sorak perang. Ketika orang Yehuda bersorak, Allah memukul kalah Yerobeam dan semua orang Israel di hadapan Abia serta orang Yehuda.

¹⁶ Orang Israel melarikan diri dari hadapan orang Yehuda, dan Allah menyerahkan mereka ke dalam tangan orang Yehuda. ¹⁷ Abia dan pasukannya mengalahkan mereka dengan pembantaian besar-besaran, hingga daripada Israel tewas terbunuh lima ratus ribu orang pilihan. ¹⁸ Demikianlah orang Israel ditaklukkan pada waktu itu, sedangkan bani Yehuda semakin kuat kerana mereka bersandar kepada Tuhan, Allah nenek moyang mereka.

¹⁹ Abia mengejar Yerobeam dan merebut beberapa kota daripadanya, yaitu Betel, Yesana, dan Efron, semuanya dengan kampung-kampungnya. ²⁰ Yerobeam tidak pernah mendapat kekuatan lagi pada zaman Abia. Akhirnya Tuhan menghukum dia, sehingga dia mati.

²¹ Abia semakin kuat. Dia memiliki empat belas orang isteri dan dikurniai dua puluh dua orang anak lelaki serta enam belas orang anak perempuan. ²² Riwayat Abia yang selebihnya, jalan hidupnya dan perkataan-perkataannya, tertulis dalam kitab sejarah Nabi Ido.

14 ¹ Lalu Abia dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya, dan dia dimakamkan di Kota Daud. Maka Asa, anaknya, menaiki takhta menggantikannya. Pada zamannya negeri itu sentosa sepuluh tahun lamanya.

Raja Asa

² Asa melakukan apa yang baik dan benar di mata Tuhan, Allahnya. ³ Dia menyingkirkan mazbah-mazbah bangsa asing serta bukit-bukit pemujaan. Dihancurkannya tiang-tiang berhala, dan ditebangnya patung-patung Asyera.

⁴ Diperintahkannya orang Yehuda untuk mencari hadirat Tuhan, Allah nenek moyang mereka, dan untuk melaksanakan hukum serta perintah-Nya.

⁵ Kemudian dia menyingkirkan bukit pemujaan dan mazbah pembakaran dupa dari semua kota di Yehuda. Di bawah pemerintahannya kerajaan itu sentosa. ⁶ Dia membina kota-kota berkubu di Yehuda kerana negeri itu sentosa. Tidak ada yang memerangnya pada tahun-tahun itu. Tuhan memang mengurniakan ketenteraman kepadanya. ⁷ Katanya kepada orang Yehuda, “Mari kita bangunkan kota-kota ini dan mengelilinginya dengan tembok, menara, pintu, serta palang. Negeri ini masih milik kita kerana kita mencari hadirat Tuhan, Allah kita. Kita telah mencari hadirat-Nya dan Dia mengurniai kita ketenteraman di segala penjuru.” Maka mereka pun melaksanakan pembinaan itu dan berhasil baik.

Kemenangan atas Zerah

⁸ Pasukan Asa berjumlah tiga ratus ribu orang dari Yehuda yang membawa perisai besar dan tombak, serta dua ratus lapan puluh ribu orang daripada Benyamin yang membawa perisai kecil dan pandai melenturkan busur. Mereka semua kesateria yang gagah perkasa.

⁹ Suatu kali Zerah, orang Kush, maju menyerang mereka dengan pasukan sebanyak sejuta orang dan tiga ratus buah rata, hingga ke Maresa.

¹⁰ Asa maju menghadapinya. Kedua-dua pihak

mengatur barisan perang di Lembah Zefata, dekat Maresa. ¹¹ Lalu Asa berseru kepada Tuhan, Allahnya, katanya, “Ya Tuhan, selain Engkau, tidak ada yang dapat menolong yang tidak berdaya menghadapi yang kuat. Tolonglah kami, ya Tuhan, Allah kami, kerana kami bersandar kepada-Mu dan dengan nama-Mulah kami maju melawan pasukan ini. Ya Tuhan, Engkaulah Allah kami, jangan biarkan manusia menang melawan Engkau.”

¹² Maka Tuhan memukul kalah kalangan Kush itu di hadapan Asa dan di hadapan orang Yehuda, sehingga pasukan orang Kush itu lari. ¹³ Asa dan pasukan yang menyertainya mengejar mereka sampai ke Gerar. Berguguranlah orang Kush itu sehingga tidak ada lagi yang hidup, kerana mereka dihancurkan di hadapan Tuhan dan di hadapan pasukan-Nya. Orang Yehuda mengangkut banyak sekali jaran. ¹⁴ Mereka mengalahkan semua kota di sekeliling Gerar, kerana rasa takut daripada Tuhan menimpa mereka. Mereka menjarah semua kota itu kerana ada banyak barang rampasan di situ. ¹⁵ Mereka juga menyerang perkhemahan para penternak dan menggiring banyak kawanan domba serta unta. Setelah itu, mereka kembali ke Yerusalem.

Pembaharuan oleh Raja Asa

15 ¹ Pada suatu waktu Roh Allah turun ke atas Azarya anak Oded. ² Dia pun pergi menghadap Asa dan berkata kepadanya, “Dengarlah aku, wahai Asa dan semua orang Yehuda serta orang Benyamin. Tuhan berserta dengan kamu apabila kamu berserta dengan Dia. Jika kamu mencari hadirat-Nya, Dia akan berkenan ditemukan olehmu. Tetapi jika kamu meninggalkan-Nya, Dia pun akan meninggalkan kamu. ³ Lama sekali orang Israel hidup tanpa Allah yang benar, tanpa ajaran para imam, dan tanpa hukum Taurat. ⁴ Namun demikian, dalam kesesakan mereka berbalik kepada Tuhan, Allah Israel. Mereka mencari hadirat-Nya dan Dia berkenan ditemukan mereka. ⁵ Pada masa itu, orang tidak aman keluar masuk kerana kekacauan besar melanda semua penduduk di setiap negeri. ⁶ Bangsa menghentam bangsa dan kota melawan kota, kerana Allah mengacaukan mereka dengan segala macam kesesakan. ⁷ Tetapi kamu, kuatkanlah hatimu. Jangan biarkan tanganmu menjadi lemah, kerana ada pahala bagi pekerjaanmu.”

⁸ Setelah Asa mendengar kata-kata dan nubuat daripada nabi Azarya anak Oded itu, dia menguatkan hatinya dan menjauhkan

patung-patung berhala yang keji dari seluruh Tanah Yehuda, Benyamin, dan dari kota-kota yang direbutnya di Pergunungan Efraim. Dipugarnya mazbah Tuhan yang ada di depan serambi Bait Tuhan, ⁹ lalu dikumpulkannya semua orang Yehuda, orang Benyamin, dan para pendatang dari Efraim, Manasye, serta Simeon yang tinggal bersama-sama mereka, kerana ramai orang dari Israel yang membelot kepadanya ketika mereka melihat bahawa Tuhan, Allahnya, menyertai dia.

¹⁰ Mereka berkumpul di Yerusalem pada bulan ketiga, dalam tahun kelima belas zaman pemerintahan Asa. ¹¹ Pada hari itu hasil jarahan yang dibawa pulang mereka disembelih sebagai korban untuk dipersembahkan kepada Tuhan, iaitu 700 ekor lembu dan 7,000 ekor domba. ¹² Mereka mengadakan perjanjian untuk mencari hadirat Tuhan, Allah nenek moyang mereka, dengan segenap hati dan dengan segenap jiwa. ¹³ Sesiapa pun yang tidak mahu mencari hadirat Tuhan, Allah Israel, harus dihukum mati, baik kecil mahupun besar, baik lelaki mahupun perempuan. ¹⁴ Mereka bersumpah setia kepada Tuhan dengan suara yang nyaring, dengan sorak-sorai, dan dengan bunyi nafiri serta sangkakala. ¹⁵ Semua orang Yehuda bersukacita atas sumpah itu, kerana dengan segenap hati mereka telah bersumpah setia dan

dengan keinginan yang bulat mereka mencari hadirat-Nya. Tuhan berkenan untuk ditemukan mereka dan Dia mengurniakan ketenteraman kepada mereka di segala penjuru.

¹⁶ Raja Asa bahkan memecat Maakha, neneknya, daripada kedudukan bonda permaisuri, kerana Maakha membuat patung kekejian bagi Asyera. Asa menebang patung keji itu, menumbuknya, dan membakarnya di Lembah Kidron. ¹⁷ Memang bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya dari antara orang Israel, tetapi hati Asa tulus seumur hidupnya. ¹⁸ Dia membawa ke dalam Rumah Allah persembahan suci ayahnya dan persembahan dirinya sendiri, iaitu perak, emas, dan berbagai-bagai kelengkapan. ¹⁹ Tidak ada peperangan sampai tahun ketiga puluh lima zaman pemerintahan Asa.

Perjanjian Raja Asa dengan Aram

16 ¹ Pada tahun ketiga puluh enam zaman pemerintahan Asa, majulah Baesa, raja Israel, menyerang Yehuda. Dia membina Rama untuk mencegah orang keluar atau masuk ke wilayah Asa, raja Yehuda. ² Maka Asa mengambil perak dan emas daripada perbendaharaan Bait Tuhan dan dari istana raja. Dia mengirimkannya kepada Benhadad, raja Aram yang tinggal di Damsyik, dengan pesan, ³ “Ada perjanjian antara

aku dengan tuan, antara ayahku dengan ayah tuan. Lihatlah, aku mengirимkan kepada tuan perak dan emas. Batalkanlah perjanjian tuan dengan Baesa, raja Israel, supaya dia berundur daripadaku.”

⁴ Benhadad mendengar Raja Asa. Lalu disuruhnya para panglima pasukannya menyerang kota-kota Israel. Mereka mengalahkan Iyon, Dan, Abel-Maim, dan semua kota perbekalan di Naftali. ⁵ Pada waktu Baesa mendengar hal itu, berhentilah dia membina Rama dan dia juga membatalkan pekerjaan itu. ⁶ Kemudian Raja Asa mengerahkan semua orang Yehuda. Mereka mengangkut batu dan kayu yang digunakan oleh Baesa untuk membina Rama, lalu dengan semua itu dia membangunkan Geba serta Mizpa.

⁷ Pada waktu itu datanglah Hanani, pelihat itu, menghadap Asa, raja Yehuda, dan berkata kepadanya, “Kerana engkau bersandar kepada raja Aram dan tidak bersandar kepada Tuhan, Allahmu, maka luputlah pasukan raja Aram daripada tanganmu. ⁸ Bukankah dahulu orang Kush dan orang Libia merupakan pasukan besar dengan banyak sekali rata dan pasukan berkuda? Tetapi ketika engkau bersandar kepada Tuhan, Dia menyerahkan mereka ke dalam tanganmu. ⁹ Sesungguhnya, mata Tuhan menjelajah seluruh

bumi untuk memberikan kekuatan kepada orang yang tulus hati terhadap-Nya. Dalam hal ini engkau telah bertindak bodoh, kerana itu mulai sekarang engkau akan mengalami peperangan.”

¹⁰ Asa menjadi murka kepada pelihat itu.

Dimasukkannya Hanani ke dalam penjara, kerana dia geram terhadapnya atas hal itu. Pada waktu itu Asa juga menindas beberapa orang daripada rakyatnya.

Kematian Asa

¹¹ Riwayat Asa dari awal sampai akhir semuanya tertulis dalam kitab raja-raja Yehuda dan Israel. ¹² Pada tahun ketiga puluh sembilan zaman pemerintahannya, Asa menderita sakit pada kedua-dua belah kakinya. Penyakitnya itu bertambah parah. Akan tetapi, dalam kesakitannya dia tidak mencari pertolongan Tuhan, melainkan pertolongan para tabib.

¹³ Lalu Asa dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya. Dia mati pada tahun keempat puluh satu zaman pemerintahannya, ¹⁴ dan dia dimakamkan di permakaman yang telah digalinya bagi dirinya di Kota Daud. Jenazahnya dibaringkan di atas perbaringan yang penuh dengan rempah-ratus dan wangi-wangian yang dicampurkan menurut kepandaian tukang

rempah-ratus. Api yang sangat besar dinyalakan untuk menghormatinya.

Raja Yosafat – Pengukuhan kerajaan

17 ¹ Yosafat, anak Raja Asa, menaiki takhta menggantikan ayahnya lalu memperkuat kedudukannya untuk melawan Israel. ² Dia menempatkan pasukan tentera di semua kota berkubu di Yehuda. Selain itu ditematkannya juga pasukan tentera pertahanan di Tanah Yehuda dan di kota-kota Efraim yang direbut oleh Asa, ayahnya. ³ Tuhan menyertai Yosafat kerana dia hidup mengikuti jejak awal Daud, leluhurnya, dan tidak mencari tuhan-tuhan Baal, ⁴ melainkan mencari hadirat Allah ayahnya. Dia hidup menurut segala perintah-Nya dan tidak mengikuti perbuatan-perbuatan orang Israel. ⁵ Oleh sebab itu Tuhan mengukuhkan kerajaan itu di tangannya. Semua orang Yehuda memberikan persembahan kepada Yosafat, sehingga ia berlimpahanlah kekayaan dan kehormatannya. ⁶ Dengan berani dia mengikuti jalan Tuhan, disingkirkannya bukit-bukit pemujaan dan patung-patung Asyera dari Yehuda.

⁷ Pada tahun ketiga zaman pemerintahannya, dia menyuruh beberapa orang pembesarnya, iaitu Ben-Hail, Obaja, Zakharia, Netaneel, dan Mikha, untuk mengajar di kota-kota Yehuda.

⁸ Beberapa orang Lewi, iaitu Semaya, Netanya, Zebaja, Asael, Semiramot, Yonatan, Adonia, Tobia, dan Tob-Adonia turut menyertai mereka, demikian pula para imam, iaitu Elisama dan Yoram. ⁹ Mereka mengajar di Tanah Yehuda dengan membawa Kitab Taurat Tuhan. Mereka mengelilingi semua kota di Yehuda sambil mengajar dalam kalangan rakyat.

¹⁰ Rasa takut kepada Tuhan melanda semua kerajaan di negeri-negeri sekeliling Yehuda, sehingga mereka tidak berperang melawan Yosafat. ¹¹ Beberapa orang Filistin membawa persembahan kepada Yosafat, dan perak sebagai ufti. Orang Arab pun membawa tujuh ribu tujuh ratus ekor domba jantan dan tujuh ribu tujuh ratus ekor kambing jantan kepadanya.

¹² Kebesaran Yosafat semakin bertambah. Dia membina benteng-benteng dan kota-kota perbekalan di Yehuda. ¹³ Banyak pendapatannya di kota-kota Yehuda.

Para pejuangnya, iaitu para kesateria yang gagah perkasa, ada di Yerusalem. ¹⁴ Inilah daftar mereka menurut kaum keluarga mereka. Daripada orang Yehuda, pemimpin-pemimpin pasukan seribu: Panglima Adna dengan 300,000 kesateria yang gagah perkasa. ¹⁵ Di samping Adna: Panglima Yohanan dengan 280,000 orang. ¹⁶ Di samping Yohanan: Amasia anak Zikhri,

yang menyerahkan diri kepada Tuhan secara sukarela, dengan 200,000 orang kesateria yang gagah perkasa. ¹⁷ Daripada orang Benyamin: Elyada, seorang kesateria yang gagah perkasa, dengan 200,000 orang yang bersenjatakan busur panah dan perisai. ¹⁸ Di samping Elyada: Yozabad dengan 180,000 orang bersenjata yang siap bertempur. ¹⁹ Mereka inilah yang berkhidmat kepada raja, selain kalangan yang ditempatkan raja di kota-kota berkubu di seluruh Tanah Yehuda.

Allah berhadapan dengan nabi sesat

18 ¹ Ketika kekayaan dan kemuliaan Yosafat sudah melimpah ruah, dia menjadi besan Ahab. ² Selang beberapa tahun, pergilah dia mendapatkan Ahab di Samaria. Ahab menyembelih banyak domba dan lembu untuknya serta untuk rombongan yang menyertainya. Seterusnya Ahab mengajak dia pergi menyerang Ramot-Gilead. ³ Kata Ahab, raja Israel, kepada Yosafat, raja Yehuda, “Mahukah tuan berangkat bersama-samaku ke Ramot-Gilead?”

Jawabnya kepadanya, “Aku ini sehati dengan tuan, dan rakyatku dengan rakyat tuan. Kami akan menyertai tuan dalam peperangan ini.”

⁴ Namun demikian, kata Yosafat kepada raja Israel, “Sebaiknya cari petunjuk Tuhan dahulu.”

⁵ Lalu raja Israel mengumpulkan nabi seramai empat ratus orang dan bertanya kepada mereka, “Bolehkah kami pergi berperang melawan Ramot-Gilead, atau haruskah aku membatalkannya?”

Jawab mereka, “Pergilah, kerana Allah akan menyerahkannya ke dalam tangan Raja.”

⁶ Tetapi kata Yosafat, “Tidak adakah lagi di sini seorang nabi Tuhan, supaya kita dapat mencari petunjuk daripadanya?”

⁷ Kata raja Israel kepada Yosafat, “Masih ada seorang lagi yang dapat disuruh untuk meminta petunjuk Tuhan, tetapi aku membenci dia kerana dia tidak pernah menubuatkan hal yang baik tentang aku, melainkan hal yang buruk belaka. Dia ialah Mikha anak Yimla.”

Kata Yosafat, “Janganlah Raja berkata demikian.”

⁸ Kemudian raja Israel memanggil seorang pegawai istananya dan berkata, “Jemputlah Mikha anak Yimla dengan segera.”

⁹ Pada waktu itu, dengan menyarung pakaian kebesaran, raja Israel dan Yosafat, raja Yehuda, duduk di atas takhta masing-masing di tempat pembantingan, di depan pintu gerbang Samaria, sementara semua nabi itu bernubuat di hadapan mereka. ¹⁰ Zedekia anak Kenaana membuat

bagi dirinya tanduk-tanduk daripada besi lalu berkata, “Beginilah firman Tuhan, ‘Dengan inilah tuanku akan menanduk orang Aram sampai mereka tumpas.’ ” ¹¹ Semua nabi pun bernubuat demikian, kata mereka, “Majulah ke Ramot-Gilead dan raihlah kejayaan, kerana Tuhan akan menyerahkannya ke dalam tangan Raja.”

¹² Sementara itu utusan yang pergi memanggil Mikha berkata kepada Mikha, “Ketahuilah, nabi-nabi itu bersatu hati mengatakan hal yang baik kepada raja. Jadi, hendaklah kata-katamu sama dengan kata-kata seorang daripada kalangan mereka. Katakanlah hal yang baik.”

¹³ Jawab Mikha, “Demi Tuhan yang hidup, sesungguhnya apa yang difirmankan Allahku, itulah yang akan kukatakan.”

¹⁴ Setelah dia sampai di hadapan raja, berkatalah raja kepadanya, “Mikha, bolehkah kami pergi berperang ke Ramot-Gilead, atau haruskah aku membatalkannya?”

Jawabnya, “Majulah dan raihlah kejayaan. Mereka akan diserahkan ke dalam tangan tuanku.”

¹⁵ Tetapi kata raja kepadanya, “Sampai berapa kali aku harus menyuruh engkau bersumpah untuk tidak mengatakan apa-apa kepadaku selain kebenaran dalam nama Tuhan?”

¹⁶ Kata Mikha, “Aku melihat semua orang Israel bercerai-berai di gunung-gunung seperti domba yang tidak bergembala. Lalu Tuhan berfirman, ‘Mereka ini tidak bertuan. Biarlah mereka pulang ke rumah masing-masing dengan selamat.’ ”

¹⁷ Kemudian raja Israel berkata kepada Yosafat, “Bukankah sudah kukatakan kepadamu bahawa dia tidak pernah menubuatkan hal yang baik tentang aku, melainkan hal yang buruk belaka?”

¹⁸ Mikha berkata lagi, “Oleh sebab itu dengarlah firman Tuhan. Aku telah melihat Tuhan duduk di atas takhta-Nya, sementara seluruh angkatan syurga berdiri di sebelah kanan dan kiri-Nya.

¹⁹ Lalu Tuhan berfirman, ‘Siapakah yang mahu memujuk Ahab, raja Israel, supaya dia maju dan tewas di Ramot-Gilead?’ Maka yang satu berkata begini dan yang lain berkata begitu. ²⁰ Kemudian tampillah suatu roh, lalu berdiri di hadapan Tuhan. Katanya, ‘Aku akan memujuk dia.’ Firman Tuhan kepadanya, ‘Dengan apa?’ ²¹ Jawabnya, ‘Aku akan keluar dan menjadi roh dusta di dalam mulut semua nabinya.’ Firman-Nya, ‘Engkau akan memujuk dia dan berjaya. Pergilah dan berbuatlah demikian!’

²² Sekarang ketahuilah, Tuhan telah mengizinkan roh dusta ditaruh di dalam mulut

para nabi Tuanku itu. Tuhan telah menetapkan malapetaka terhadap Tuanku.”

²³ Kemudian Zedekia anak Kenaana mendekati dan menampar pipi Mikha. Katanya, “Bagaimanakah mungkin roh daripada Tuhan itu berpindah daripadaku untuk berbicara kepadamu?”

²⁴ Jawab Mikha, “Sesungguhnya, engkau akan mengetahuinya pada hari itu, ketika engkau masuk ke suatu bilik yang terdalam untuk bersembunyi.” ²⁵ Maka raja Israel memerintahkan, “Tangkap Mikha dan bawa dia kembali kepada Amon, pembesar kota itu, dan kepada Yoas, anak raja. ²⁶ Katakanlah, ‘Beginilah perintah raja: Masukkan orang ini ke dalam penjara. Beri dia roti dan air serba sedikit sampai aku kembali dengan selamat.’ ”

²⁷ Kata Mikha, “Jika Tuanku betul-betul kembali dengan selamat, bererti Tuhan tidak berfirman melalui aku.” Lalu dia berkata, “Dengarlah, wahai bangsa-bangsa sekalian!”

Ahab tewas dalam peperangan di Ramot-Gilead

²⁸ Kemudian pergilah raja Israel dan Yosafat, raja Yehuda, ke Ramot-Gilead. ²⁹ Kata raja Israel kepada Yosafat, “Aku akan memasuki medan perang itu dengan menyamar diri. Tetapi engkau, kenakanlah pakaian kebesaranmu.” Maka

menyamarlah raja Israel, kemudian mereka masuk ke medan perang.

³⁰ Sementara itu raja Aram telah memberikan perintah kepada para panglima pasukan ratanya demikian, “Jangan berperang melawan sesiapa pun, kecil ataupun besar, tetapi lawanlah raja Israel sahaja!” ³¹ Pada waktu para panglima pasukan rata itu melihat Yosafat, mereka berkata, “Itu raja Israel.” Mereka berputar untuk berperang melawan dia, tetapi Yosafat berteriak dan Tuhan menolong dia. Allah membawa mereka pergi daripadanya. ³² Oleh itu, para panglima pasukan rata itu menyedari bahawa dia bukanlah raja Israel, berhentilah mereka mengejar dia. ³³ Akan tetapi, ada seseorang menarik busur panah secara sembarangan sahaja lalu memanah raja Israel di antara sambungan baju zirahnya. Kemudian raja berkata kepada pengemudi ratanya, “Putar arah! Bawa aku keluar daripada pertempuran ini, kerana aku terluka!” ³⁴ Peperangan bertambah sengit pada hari itu, tetapi raja Israel tetap ditopang berdiri di dalam rata berhadapan dengan orang Aram sampai petang. Pada waktu matahari terbenam, dia pun meninggal.

Pelihat Yehu menegur Raja Yosafat

19 ¹Yosafat, raja Yehuda, pulang dengan selamat ke istananya di Yerusalem. ²Lalu Yehu anak Hanani, pelihat itu, pergi menghadap Raja Yosafat dan berkata kepadanya, “Patutkah tuanku menolong orang fasiq dan mengasihi orang yang membenci Tuhan? Kerana hal itu tuanku akan ditimpa murka Tuhan. ³Meskipun begitu, ada hal-hal yang baik didapati pada tuanku, kerana tuanku telah menyingkirkan patung-patung Asyera dari negeri ini dan telah menetapkan hati untuk mencari hadirat Allah.”

Hakim-hakim diangkat

⁴Yosafat tinggal di Yerusalem. Kemudian dia berangkat lagi mengunjungi rakyat, dari Bersyeba sampai ke pergunungan Efraim, dan menyuruh mereka berbalik kepada Tuhan, Allah nenek moyang mereka. ⁵Dilantiknya para hakim di negeri itu, iaitu di setiap kota berkubu di Yehuda. ⁶Katanya kepada para hakim itu, “Perhatikanlah apa yang kamu lakukan, kerana kamu bukan memutuskan hukum bagi manusia, melainkan bagi Tuhan. Dia menyertai kamu ketika kamu memutuskan hukum. ⁷Sekarang, hendaklah kamu takut kepada Tuhan. Bekerjalah dengan berhati-hati, kerana pada Tuhan, Allah kita, tidak

ada kecurangan, hal memandangi bulu, atau menerima rasuah.”

⁸ Di Yerusalem pun Yosafat mengangkat beberapa orang Lewi, imam, dan ketua kaum keluarga Israel untuk memberikan keputusan dalam hal hukum Tuhan dan dalam hal persengketaan. Mereka menjalankan bidang tugas mereka di Yerusalem. ⁹ Dia memerintah mereka demikian, “Dengan takut kepada Tuhan, setia, dan tulus hati, beginilah harus kamu lakukan: ¹⁰ Apa-apa pun perkara yang diajukan kepadamu oleh saudara-saudaramu yang tinggal di kota-kota mereka – baik mengenai penumpahan darah atau mengenai hukum, perintah, berbagai-bagai ketetapan dan peraturan – kamu harus mengingatkan mereka supaya jangan mereka bersalah terhadap Tuhan sehingga murka-Nya menimpa kamu dan saudara-saudaramu. Bertindaklah begitu, maka tentunya kamu tidak akan bersalah. ¹¹ Ketua Imam yaitu Amarya akan memimpin kamu dalam segala perkara yang berhubungan dengan Tuhan, sedangkan Zebaja anak Ismael, pembesar keturunan kaum Yehuda, akan memimpin kamu dalam segala perkara yang berhubungan dengan raja. Selain itu, bani Lewi akan melayani kamu sebagai pengawas. Bertindaklah dengan tegas! Semoga Tuhan menyertai orang yang baik-baik.”

Kemenangan atas Moab dan Amon

20¹ Sesudah itu bani Moab dan bani Amon datang bersama orang Meunim untuk berperang melawan Yosafat. ² Maka datanglah beberapa orang memberitahu Yosafat, “Suatu pasukan besar datang dari Edom di seberang Laut Mati hendak menyerang tuanku. Sesungguhnya, mereka sudah berada di Hazezon-Tamar,” iaitu En-Gedi. ³ Yosafat menjadi takut, lalu dia menetapkan hati untuk mencari hadirat Tuhan. Dimaklumpkannya puasa bagi seluruh Yehuda. ⁴ Orang Yehuda pun berkumpul untuk memohon pertolongan daripada Tuhan. Ya, dari semua kota Yehuda mereka yang datang untuk mencari hadirat Tuhan. ⁵ Kemudian Yosafat berdiri di tengah-tengah jemaah Yehuda dan Yerusalem di Bait Tuhan, di depan pelataran yang baru. ⁶ Dia berkata, “Ya Tuhan, Allah nenek moyang kami, bukankah Engkau Allah di syurga? Bukankah Engkau berkuasa atas segala kerajaan bangsa-bangsa? Di tangan-Mu ada kuasa dan keperkasaan, sehingga tidak ada yang dapat bertahan melawan Engkau. ⁷ Ya Allah kami, bukankah Engkau yang menghalau penduduk negeri ini dari hadapan umat-Mu Israel dan

mengurniakannya kepada keturunan Abraham, sahabat-Mu itu, untuk selama-lamanya?

⁸ Mereka telah menetap di sini dan membina tempat suci bagi nama-Mu. Kata mereka, ⁹ 'Jika malapetaka, iaitu pedang, hukuman, wabak penyakit, atau bencana kebuluran menimpa kami, maka kami akan berdiri di depan Bait ini dan di hadapan-Mu, kerana nama-Mu ditegakkan di dalam Bait ini. Kami akan berseru kepada-Mu dalam keperitan kami, dan Engkau akan mendengar serta menyelamatkan kami.'

¹⁰ Sekarang, lihatlah bani Amon, Moab, dan orang Pergunungan Seir ini! Engkau tidak mengizinkan orang Israel mendatangi mereka ketika mereka keluar dari Tanah Mesir, sehingga orang Israel menyingkir mereka dan tidak membinasakan mereka. ¹¹ Tetapi lihatlah, sebagai balasan mereka terhadap kami, mereka datang untuk menghalau kami dari tanah milik-Mu yang telah Kauwariskan kepada kami. ¹² Ya Allah kami, masakan Engkau tidak menghukum mereka? Kami tidak punya kekuatan untuk menghadapi pasukan besar yang datang menyerang kami ini. Kami tidak tahu apa yang harus kami lakukan, tetapi mata kami tertuju kepada-Mu."

¹³ Sementara itu semua orang Yehuda berdiri di hadapan Tuhan, bersama-sama isteri dan anak muda serta anak-anak kecil mereka. ¹⁴ Maka Roh Tuhan turun di tengah-tengah jemaah itu ke atas Yahaziel anak Zakharia anak Benaya anak Yeiel anak Matanya, seorang Lewi daripada bani Asaf. ¹⁵ Dia berkata, “Dengarlah, wahai semua orang Yehuda dan penduduk Yerusalem, juga Tuanku Raja Yosafat! Beginilah firman Tuhan kepadamu, ‘Jangan takut dan jangan kecut hati dengan pasukan besar itu, kerana bukan kamu yang akan berperang melainkan Allah. ¹⁶ Esok, turunlah dan datangi mereka. Ketahuilah, mereka akan naik melalui pendakian Zis. Kamu akan menemukan mereka di hujung lembah, di Gurun Yeruel. ¹⁷ Kamu tidak usah berperang dalam pertempuran ini. Berdirilah tegak di tempatmu dan lihatlah kemenangan daripada Tuhan yang menyertai kamu, wahai orang Yehuda dan Yerusalem. Jangan takut dan jangan kecut hati! Majulah esok dan hadapi mereka, Tuhan akan menyertai kamu.’”

¹⁸ Yosafat membongkok dengan muka sampai ke tanah. Semua orang Yehuda dan penduduk Yerusalem pun bersujud di hadapan Tuhan dan menyembah Tuhan. ¹⁹ Lalu bani Lewi daripada

bani Kehat dan bani Korah bangkit untuk memuji Tuhan, Allah Israel, dengan suara yang sangat nyaring.

²⁰ Keesokan harinya mereka bangun pagi-pagi lalu pergi ke kawasan gersang Tekoa. Ketika mereka hendak pergi, berdirilah Yosafat dan berkata, “Dengarlah aku, wahai orang Yehuda dan penduduk Yerusalem! Percayalah kepada Tuhan, Allahmu, maka kamu akan tetap teguh. Percayalah kepada para nabi-Nya, maka kamu akan berjaya.” ²¹ Setelah berunding dengan rakyat, dia mengangkat kalangan yang akan menyanyi bagi Tuhan dan memuji Dia dengan pakaian suci sambil berjalan di depan kalangan yang bersenjata; demikianlah nyanyian mereka, “Mengucap syukurlah kepada Tuhan, kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.”

²² Pada waktu mereka mulai bersorak-sorai dan menyanyikan puji-pujian, Tuhan mengadakan pengadangan terhadap bani Amon, bani Moab, dan orang Pergunungan Seir yang datang menyerang Yehuda, sehingga mereka semua dikalahkan. ²³ Bani Amon dan Moab bangkit melawan penduduk Pergunungan Seir lalu menumpas dan membinasakan mereka. Setelah memusnahkan penduduk Seir, mereka saling membinasakan sesama sendiri. ²⁴ Ketika orang Yehuda sampai ke tempat peninjauan di gurun

dan memandang ke arah pasukan itu, tampaklah mayat bergelimpangan di tanah. Tidak ada yang terselamat.

²⁵ Kemudian Yosafat dan pasukannya datang untuk menjarah barang-barang musuh. Mereka mendapati banyak harta benda di situ, juga barang-barang berharga. Semuanya diambil mereka bagi diri mereka sendiri sampai mereka tidak dapat membawanya lagi. Tiga hari lamanya mereka menjarah barang-barang itu kerana begitu banyaknya. ²⁶ Pada hari keempat mereka berkumpul di Lembah Berkat, lalu di sana mereka memuji-muji Tuhan. Itulah sebabnya tempat itu dinamai Lembah Berkat sampai hari ini.

²⁷ Setelah itu, kembalilah semua orang Yehuda dan Yerusalem di bawah pimpinan Yosafat. Mereka kembali ke Yerusalem dengan sukacita, kerana Tuhan telah membuat mereka bersukacita atas kekalahan musuh-musuh mereka. ²⁸ Mereka memasuki Yerusalem dengan diiringi bunyi gambus, kecapi, dan nafiri, lalu menuju Bait Tuhan. ²⁹ Rasa takut daripada Allah melanda semua kerajaan negeri-negeri lain ketika mereka mendengar bahawa Tuhan telah memerangi musuh-musuh Israel. ³⁰ Maka sentosalah kerajaan Yosafat, kerana Allahnya mengurniainya ketenteraman di segala penjuru.

Akhir pemerintahan Raja Yosafat

³¹ Demikianlah Yosafat bertakhta atas Yehuda. Umurnya tiga puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua puluh lima tahun. Nama ibunya ialah Azuba anak Silhi. ³² Dia hidup mengikuti jejak Asa, ayahnya, tanpa menyimpang daripada jalan itu. Dilakukannya apa yang benar di mata Tuhan. ³³ Namun demikian, bukit-bukit pemujaan tidak disingkirkannya, dan rakyat belum juga mengarahkan hati mereka kepada Allah nenek moyang mereka.

³⁴ Riwayat Yosafat yang selebihnya dari awal hingga akhir, sesungguhnya semuanya tertulis dalam riwayat Yehu anak Hanani yang tercantum dalam kitab raja-raja Israel.

³⁵ Sesudah itu Yosafat, raja Yehuda, bekerjasama dengan Ahazia, raja Israel, yang fasiq perbuatannya. ³⁶ Yosafat bekerjasama dengannya untuk membuat kapal-kapal yang akan berlayar ke Tarsis. Kapal-kapal itu dibuat di Ezion-Geber. ³⁷ Tetapi Eliezer anak Dodawa dari Maresa bernubuat menentang Yosafat, katanya, “Kerana tuanku bekerjasama dengan Ahazia, maka Tuhan akan menghancurkan pekerjaan tuanku.” Kapal-kapal itu pun pecah, sehingga tidak dapat berlayar ke Tarsis.

21 ¹ Lalu Yosafat dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya dan dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Daud. Maka Yoram, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikannya.

Raja Yoram

² Para saudara Yoram, iaitu anak-anak Yosafat yang lain, ialah Azarya, Yehiel, Zakharia, Azariahu, Mikhail, dan Sefaca. Itulah semua anak Yosafat, raja Israel. ³ Ayah mereka mengurniai mereka banyak pemberian, iaitu perak, emas, dan barang-barang berharga, juga kota-kota berkubu di Yehuda. Akan tetapi, kerajaan dipercayakannya kepada Yoram, kerana dialah anak yang sulung.

⁴ Setelah Yoram bertakhta atas kerajaan ayahnya dan memperkuat kedudukannya, dia membunuh semua saudaranya dan juga beberapa orang pembesar Israel dengan pedang.

⁵ Yoram berumur tiga puluh dua tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama lapan tahun. ⁶ Dia hidup mengikuti jejak raja-raja Israel seperti yang dilakukan oleh keluarga Ahab, kerana isterinya ialah anak Ahab, dan dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. ⁷ Meskipun begitu, lantaran perjanjian yang diikat-Nya dengan Daud,

Tuhan tidak mahu membinasakan keluarga Daud. Allah memang berjanji bahawa Dia akan mengurniakan suatu pelita kepada Daud dan kepada keturunannya sepanjang masa.

⁸ Pada zaman Yoram, orang Edom memberontak untuk menentang kekuasaan Yehuda dan mengangkat seorang raja atas mereka sendiri.

⁹ Oleh itu, Yoram menyeberang dengan para panglimanya dan seluruh ratanya. Kemudian orang Edom mengepungnya serta para panglima pasukan ratanya, tetapi pada malam hari dia bangun dan mengalahkan mereka.

¹⁰ Demikianlah orang Edom memberontak untuk menentang kekuasaan Yehuda sampai hari ini. Pada waktu yang sama, Libna pun memberontak menentang kekuasaan Yoram kerana dia telah meninggalkan Tuhan, Allah nenek moyangnya.

¹¹ Apatah lagi dia membuat bukit-bukit pemujaan di pergunungan Yehuda lantas menyebabkan penduduk Yerusalem menjadi kafir dan membuat orang Yehuda tersesat.

¹² Sepucuk surat daripada Nabi Elia sampai kepadanya, bunyinya, “Beginilah firman Tuhan, Allah Daud, leluhurmu, ‘Kerana engkau tidak hidup mengikuti jejak Yosafat, ayahmu, dan jejak Asa, raja Yehuda, ¹³ melainkan hidup mengikuti

jejak raja-raja Israel dan menyebabkan orang Yehuda serta penduduk Yerusalem menjadi kafir seperti yang dilakukan oleh keluarga Ahab; dan juga kerana engkau telah membunuh adik-adikmu, iaitu keluarga ayahmu, yang lebih baik daripada engkau, ¹⁴ maka sesungguhnya, Tuhan akan mengazabkan rakyatmu, para anakmu, isteri-isterimu, dan semua harta bendamu dengan wabak besar. ¹⁵ Engkau sendiri akan menderita suatu penyakit usus yang sangat parah hari demi hari, sehingga kelak ususmu terburai kerana penyakit itu.' ”

¹⁶ Kemudian Tuhan menggerakkan hati orang Filistin dan orang Arab yang tinggal dekat orang Kush untuk menyerang Yoram. ¹⁷ Mereka maju menyerang Yehuda, menerobosnya, dan mengangkut semua harta benda yang terdapat di istana raja, juga anak-anak dan isteri-isterinya, sehingga tidak ada seorang anak lelaki pun yang tertinggal padanya kecuali Yoahas, anak bongsunya.

¹⁸ Sesudah semua itu, Tuhan mengazabnya dengan penyakit pada ususnya yang tidak dapat sembuh. ¹⁹ Selang beberapa waktu pada akhir dua tahun, terburailah ususnya kerana penyakit itu, lalu dia meninggal dalam penderitaan yang payah. Rakyatnya tidak menyalakan api

baginya, seperti yang dilakukan terhadap nenek moyangnya.

²⁰ Dia berumur tiga puluh dua tahun pada waktu menaiki takhta. Selama lapan tahun dia bertakhta di Yerusalem. Dia meninggal tanpa disukai orang dan dimakamkan di Kota Daud, tetapi bukan di permakaman diraja.

Raja Ahazia

22 ¹ Penduduk Yerusalem mengangkat Ahazia, anak Yoram yang bongsu, menjadi raja menggantikannya, kerana semua anaknya yang lebih tua umurnya telah dibunuh oleh gerombolan yang datang bersama orang Arab ke perkhemahan itu. Demikianlah Ahazia, anak Yoram raja Yehuda, menaiki takhta. ² Ahazia berumur dua puluh dua tahun ketika dia menaiki takhta^d, dan dia bertakhta di Yerusalem selama satu tahun. Nama ibunya ialah Atalya anak Omri. ³ Dia juga hidup mengikuti jejak keluarga Ahab, kerana ibunya menasihatinya untuk berbuat fasiq. ⁴ Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti keluarga Ahab, kerana sesudah kematian ayahnya, mereka menjadi penasihat yang mendatangkan kebinasaan kepadanya. ⁵ Bahkan kerana menuruti nasihat merekalah dia

^d**22:2** Ada naskhah kuno mencatat umur Ahazia 42.

pergi menyertai Yoram anak Ahab, raja Israel, untuk berperang melawan Hazael, raja Aram, di Ramot-Gilead. Tetapi orang Aram melukakan Yoram. ⁶ Maka kembalilah Yoram ke Yizreel untuk mendapat perubatan bagi luka-luka akibat serangan di Rama ketika berperang melawan Hazael, raja Aram. Kemudian Ahazia anak Yoram, raja Yehuda, pergi menjenguk Yoram anak Ahab di Yizreel kerana dia sakit.

Panglima Yehu membunuh Raja Ahazia

⁷ Kehancuran Ahazia ditentukan Allah ketika dia pergi menemui Yoram. Sesampainya di sana, keluarlah dia bersama-sama Yoram mendapatkan Yehu anak Nimsi, yang telah dilantik Tuhan untuk melenyapkan keluarga Ahab. ⁸ Sewaktu Yehu sedang menjalankan hukuman atas keluarga Ahab, dia bertemu dengan para pembesar Yehuda dan anak-anak saudara-saudara Ahazia, yang melayani Ahazia. Mereka semua ditumpaskannya. ⁹ Lalu dicarinya Ahazia. Ahazia pun tertangkap ketika dia bersembunyi di Samaria. Dia dibawa ke hadapan Yehu lalu dihukum mati. Jenazahnya dimakamkan juga, kerana kata orang, “Dia ini cucu Yosafat, yang mencari hadirat Tuhan dengan segenap hatinya.” Tidak ada orang lagi dalam keluarga Ahazia yang mampu memerintah kerajaan itu.

Atalya membunuh keturunan raja

¹⁰ Ketika Atalya, ibu Ahazia, melihat bahawa anaknya sudah mati, maka dibunuhnya segera semua keturunan raja daripada keturunan kaum Yehuda. ¹¹ Tetapi Yosabat, anak perempuan Raja Yoram, mengambil Yoas anak Ahazia dan membawanya pergi dengan diam-diam daripada kalangan anak raja yang hendak dibunuh itu. Yosabat^e iaitu isteri Imam Yoyada dan saudara Ahazia, memasukkan Yoas bersama inang penyusunya ke dalam bilik tidur. Demikianlah Yosabat menyembunyikan Yoas daripada Atalya sehingga tidak dibunuh oleh Atalya. ¹² Jadi, Yoas bersembunyi dengan mereka di Rumah Allah selama enam tahun sementara Atalya bertakhta atas negeri itu.

Atalya ditewas dan Yoas menjadi raja

23 ¹ Pada tahun ketujuh Yoyada memberanikan diri lalu mengadakan permuafakatan dengan para pemimpin pasukan seratus, iaitu Azarya anak Yeroham, Ismael anak Yohanan, Azarya anak Obed, Maaseya anak Adaya, dan Elisafat anak Zikhri. ² Mereka mengelilingi Tanah Yehuda dan mengumpulkan

^e**22:11** Nama lain: Yoseba.

bani Lewi dari semua kota di daerah Yehuda serta para ketua kaum keluarga Israel. Orang itu pun datang ke Yerusalem.

³ Kemudian seluruh jemaah itu mengikat perjanjian dengan raja di Rumah Allah. Kata Yoyada kepada mereka, “Inilah anak raja! Dia akan bertakhta, seperti yang difirmankan Tuhan tentang keturunan Daud. ⁴ Inilah hal yang harus kamu lakukan: sepertiga daripada kamu yang datang bertugas pada hari Sabat, baik imam mahupun bani Lewi, harus menjadi penjaga pintu, ⁵ sepertiga lagi harus berada di istana raja, dan sepertiga yang lain di Pintu Gerbang Dasar, sedangkan seluruh rakyat harus berada di pelataran Bait Tuhan. ⁶ Sesiapa pun tidak boleh masuk ke Bait Tuhan kecuali para imam dan bani Lewi yang menyelenggarakan ibadat. Mereka boleh masuk kerana mereka suci, tetapi seluruh rakyat harus berpegang teguh pada apa yang diwajibkan Tuhan bagi mereka. ⁷ Orang Lewi harus mengelilingi raja dari segala penjuru dengan senjata di tangan masing-masing. Sesiapa pun yang memasuki bait harus ditumpas. Kamu harus menyertai raja ketika dia keluar atau masuk.”

⁸ Orang Lewi dan semua orang Yehuda melaksanakan semua yang diperintahkan Imam Yoyada. Mereka mengambil orang masing-masing, baik yang masuk bertugas pada hari Sabat mahupun yang bebas tugas pada hari Sabat, kerana Imam Yoyada tidak membebaskan regu-regu itu. ⁹ Lalu Imam Yoyada menyerahkan kepada para pemimpin pasukan seratus itu sejumlah tombak, perisai, dan utar-utar milik Raja Daud yang ada di Rumah Allah. ¹⁰ Seluruh rakyat disuruhnya berdiri di sisi kanan sampai ke sisi kiri Bait dengan senjata di tangan masing-masing. Mereka mengelilingi raja dekat mazbah, iaitu tempat pembakaran korban, dan dekat Bait itu. ¹¹ Kemudian mereka membawa anak raja keluar, mengenakan mahkota padanya, dan menyerahkan hukum Allah kepadanya. Mereka menobatkan dia sebagai raja, lalu Imam Yoyada serta anak-anaknya mentahbiskan dia. Mereka berseru, "Hidup Sang Raja!"

¹² Ketika Atalya mendengar suara orang berlarian sambil memuji-muji raja, pergilah ia menemui rakyat di Bait Tuhan. ¹³ Setelah dia mengamat-amati, tampaklah raja berdiri dekat tiang di pintu masuk, sementara para pemimpin dan peniup nafiri ada di sisi raja. Seluruh rakyat negeri bersuka ria sambil meniup nafiri, sedangkan para penyanyi dengan alat-alat

muzik mereka menjadi pemimpin puji-pujian. Maka Atalya mengoyakkan pakaiannya sambil berseru, “Penderhakaan! Penderhakaan!”

¹⁴ Kemudian Imam Yoyada menyuruh keluar para pemimpin pasukan seratus, yaitu kalangan yang mengepalai pasukan, dan berkata kepada mereka, “Keluarkanlah dia daripada barisan! Hapuskanlah dengan pedang sesiapa yang berpihak kepadanya!” Imam memang telah berpesan, “Jangan biar dia dibunuh di Bait Tuhan.”

¹⁵ Oleh itu, mereka menangkap perempuan itu ketika dia sampai di jalan masuk istana raja melalui Pintu Gerbang Kuda, lalu dia dibunuh di situ.

Yoyada mengadakan pembaharuan

¹⁶ Yoyada mengikat perjanjian antara dia dengan seluruh rakyat dan raja, bahawa mereka akan menjadi umat Tuhan. ¹⁷ Kemudian pergilah seluruh rakyat ke kuil Baal dan merobohkannya. Mereka menghancurkan mazbah-mazbahnya dan patung-patungnya serta membunuh Matan, imam Baal, di depan mazbah-mazbah itu.

¹⁸ Lalu Yoyada menyerahkan pengawasan atas Bait Tuhan kepada para imam Lewi; tugas mereka di Bait Tuhan telah dibahagi-bahagikan oleh Daud. Dengan suka ria dan dengan

nyanyian menurut petunjuk Daud, mereka harus mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan, seperti tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa. ¹⁹ Dia juga menempatkan penjaga-penjaga di pintu gerbang Bait Tuhan supaya jangan masuk seseorang yang najis kerana hal apa-apa pun.

²⁰ Sesudah itu dia mengajak ketua-ketua pasukan seratus, para bangsawan dan pemerintah rakyat serta seluruh rakyat negeri untuk membawa raja turun dari Bait Tuhan. Mereka masuk ke istana raja melalui Pintu Gerbang Atas dan mendudukkan raja di atas takhta kerajaan. ²¹ Seluruh rakyat negeri bersuka ria dan kota itu pun sentosa setelah Atalya dibunuh dengan pedang.

Raja Yoas

24 ¹ Yoas berumur tujuh tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama empat puluh tahun di Yerusalem. Nama ibunya ialah Zibya, dari Bersyeba. ² Yoas melakukan apa yang benar di mata Tuhan selama Imam Yoyada hidup. ³ Yoyada memilih dua orang isteri baginya, lalu Yoas pun dikurniai anak-anak lelaki dan perempuan.

⁴ Beberapa waktu kemudian Yoas berniat memulihkan Bait Tuhan. ⁵ Maka

dikumpulkannyalah para imam dan bani Lewi, lalu katanya kepada mereka, “Pergilah ke kota-kota Yehuda dan pungutlah wang daripada semua orang Israel untuk keperluan pembaikan Bait Allahmu setiap tahun. Lakukanlah hal itu dengan segera!” Akan tetapi, bani Lewi tidak segera melaksanakannya.⁶ Oleh sebab itu raja memanggil Ketua Imam, Yoyada dan berkata kepadanya, “Mengapakah engkau tidak menuntut bani Lewi agar mereka membawa dari Yehuda dan dari Yerusalem cukai yang dikenakan Musa, hamba Tuhan itu, kepada jemaah Israel untuk khemah tempat loh hukum?

⁷ Kerana anak-anak Atalya, perempuan fasiq itu, telah membongkar Rumah Allah, bahkan menggunakan semua barang suci Bait Tuhan untuk para Baal.”

⁸ Maka atas perintah raja dibuatlah sebuah peti lalu ditempatkan di luar pintu gerbang Bait Tuhan.⁹ Setelah itu, disebarkanlah pengumuman di Yehuda dan Yerusalem bahawa mereka harus mempersembahkan kepada Tuhan cukai yang dikenakan Musa, hamba Allah itu, terhadap orang Israel di gurun.¹⁰ Semua pembesar dan seluruh rakyat bergembira. Mereka pun membawa cukai masing-masing

dan memasukkannya ke dalam peti itu sampai penuh. ¹¹ Setiap kali, bani Lewi membawa peti itu kepada petugas raja, dan ketika mereka melihat bahawa wang di dalamnya sudah banyak, maka datanglah jurutulis raja serta petugas daripada ketua imam untuk mengosongkan peti itu. Selanjutnya mereka membawa peti itu kembali ke tempatnya. Demikianlah dilakukan mereka setiap hari, dan banyaklah wang yang terkumpul.

¹² Raja dan Yoyada menyerahkan wang itu kepada para pekerja yang melaksanakan pekerjaan di Bait Tuhan. Mereka ini mengupah tukang batu dan tukang pahat untuk memulihkan Bait Tuhan, juga tukang besi dan tukang gangsa untuk memperbaiki Bait Tuhan. ¹³ Para pekerja itu pun bekerja, dan pekerjaan perbaikan itu maju dalam tangan mereka. Mereka membangunkan Rumah Allah menurut keadaannya semula dan mengukuhkannya. ¹⁴ Setelah selesai, mereka membawa wang sisanya kepada raja dan Yoyada. Wang itu kemudian digunakan untuk membuat kelengkapan Bait Tuhan, iaitu kelengkapan-kelengkapan untuk ibadat dan persembahan korban, juga pedupaan-pedupaan serta kelengkapan-kelengkapan emas dan perak. Sepanjang hayat Yoyada korban bakaran sentiasa dipersembahkan di dalam Bait Tuhan.

Yoas melupakan jasa Yoyada

¹⁵ Yoyada menjadi tua dan lanjut usia, lalu meninggal. Umurnya seratus tiga puluh tahun pada waktu kematiannya. ¹⁶ Dia dikebumikan di Kota Daud bersama-sama para raja kerana dia telah berbuat baik di Israel terhadap Allah dan Bait-Nya.

¹⁷ Setelah kematian Yoyada, para pembesar Yehuda datang dan sujud memberi hormat kepada raja. Sejak saat itu, raja mendengar mereka. ¹⁸ Mereka mengabaikan Bait Tuhan, Allah nenek moyang mereka, lalu beribadat kepada patung-patung Asyera dan berhala-berhala. Yehuda dan Yerusalem pun ditimpa murka kerana kesalahan mereka itu. ¹⁹ Bagaimanapun, Tuhan mengutus para nabi kepada mereka supaya mereka kembali kepada-Nya. Nabi-nabi itu mengingatkan mereka, tetapi mereka tidak mahu mendengar. ²⁰ Kemudian Roh Allah menguasai Zakharia, anak Imam Yoyada. Dia tampil di depan rakyat dan berkata kepada mereka, “Beginilah firman Allah, ‘Mengapakah kamu melanggar perintah-perintah Tuhan sehingga kamu tidak beruntung? Kerana kamu meninggalkan Tuhan, maka Dia pun

meninggalkan kamu.' ” ²¹ Akan tetapi, mereka bersekongkol melawannya, dan atas perintah raja mereka melempari dia dengan batu di pelataran Bait Tuhan. ²² Raja Yoas tidak mengingat kebaikan yang ditunjukkan Yoyada, ayah Zakharia, kepadanya. Malah dia membunuh anak Yoyada itu. Menjelang kematiannya Zakharia berseru, “Semoga Tuhan melihatnya dan menuntut balas!”

Kematian Yoas

²³ Pada pergantian tahun, pasukan Aram maju menyerang Yoas. Mereka memasuki Yehuda dan Yerusalem lalu membunuh semua pemimpin bangsa di antara rakyat. Lalu mereka mengiriskan semua jarahan mereka kepada raja Damsyik. ²⁴ Meskipun pasukan Aram datang dengan orang yang tidak banyak bilangannya, Tuhan menyerahkan pasukan yang sangat besar ke tangan mereka, kerana orang Yehuda telah meninggalkan Tuhan, Allah nenek moyang mereka. Demikianlah orang Aram menjalankan hukuman terhadap Yoas. ²⁵ Ketika mereka pergi, mereka meninggalkan Yoas dalam keadaan terluka parah. Pegawai-pegawainya pun kemudian bersekongkol melawannya kerana penumpahan darah anak Imam Yoyada itu, lalu membunuhnya di atas tempat tidurnya.

Yoas mati dan dimakamkan di Kota Daud, tetapi tidak di permakaman raja. ²⁶ Orang yang bersekongkol melawannya ialah Zabad, anak Simeat perempuan Amon, dan Yozabad, anak Simrit perempuan Moab. ²⁷ Tentang anak-anaknya, pernyataan ilahi yang banyak menentang dia, dan pemulihan Rumah Allah, sesungguhnya semua itu tertulis dalam tafsiran kitab raja-raja. Maka Amazia, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Amazia

25 ¹ Amazia berumur dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua puluh sembilan tahun. Nama ibunya ialah Yoadan, dari Yerusalem. ² Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, tetapi bukan dengan setulus hati. ³ Sesudah kerajaan itu kukuh dalam kawalannya, dia menghukum mati para pegawainya yang telah membunuh raja, iaitu ayahnya. ⁴ Tetapi para anak mereka tidak dihukumnya mati; iaitu sejajar dengan apa yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa. Dalamnya Tuhan memberikan perintah: “Seorang ayah tidak boleh dihukum mati kerana anaknya,

dan anak tidak boleh dihukum mati kerana ayahnya. Hendaklah setiap orang dihukum mati atas dosanya sendiri.”

⁵ Amazia mengumpulkan orang Yehuda. Kemudian dia menempatkan semua orang Yehuda dan Benyamin itu menurut kaum keluarga masing-masing di bawah pemimpin pasukan seribu dan pemimpin pasukan seratus. Dia membanci mereka yang berumur dua puluh tahun ke atas dan didapatinya ada tiga ratus ribu orang pilihan yang sanggup berperang, yang mampu mengendalikan tombak dan perisai. ⁶ Dia juga mengupah seratus ribu orang kesateria yang gagah perkasa dari Israel dengan bayaran seratus talenta perak. ⁷ Tetapi seorang hamba Allah datang menghadapinya dan berkata, “Ya Raja, janganlah tentera Israel pergi bersama tuanku, kerana Tuhan tidak menyertai orang Israel, iaitu seluruh bani Efraim. ⁸ Jika tuanku mahu pergi juga, maka sehebat mana pun tindakan dan keberanian tuanku dalam peperangan, Allah akan membuat tuanku jatuh di depan musuh, kerana Dia berkuasa untuk menolong atau menjatuhkan.”

⁹ Kata Amazia kepada hamba Allah itu, “Tetapi apa yang harus kulakukan dengan seratus talenta yang telah kuberikan kepada pasukan Israel itu?”

Jawab hamba Allah itu, “Tuhan dapat mengurniakan kepada tuanku lebih daripada itu.”¹⁰ Maka Amazia memisahkan pasukan yang datang kepadanya dari Efraim, dan menyuruh mereka pulang ke rumah masing-masing. Maka amat marahlah mereka terhadap orang Yehuda, lalu mereka kembali ke tempat mereka dengan amarah yang menyala-nyala.

¹¹ Amazia menguatkan hatinya lalu membawa pasukannya maju ke Lembah Garam lantas menewaskan sepuluh ribu orang daripada bani Seir.¹² Bani Yehuda pun menawan sepuluh ribu orang hidup-hidup, membawa mereka ke puncak bukit batu, dan mencampakkan mereka dari puncak bukit batu itu sehingga semuanya hancur terburai.

¹³ Tetapi para anggota pasukan yang dikerah pulang oleh Amazia, iaitu mereka yang tidak dibenarkan pergi bersama-samanya ke medan perang, menyerbu kota-kota Yehuda dari Samaria sampai ke Bet-Horon. Mereka menewaskan tiga ribu orang penduduk dan mengambil banyak rampasan.

¹⁴ Setelah Amazia menewaskan orang Edom itu, pulanglah dia sambil membawa berhala-berhala bani Seir. Didirikannya berhala-berhala itu sebagai tuhannya, lalu sujudlah dia menyembah dan membakar dupa di hadapan segala berhala

itu. ¹⁵ Oleh sebab itu menyalalah murka Tuhan terhadap Amazia. Diutus-Nya seorang nabi kepada Amazia, katanya, “Mengapakah tuanku mencari petunjuk tuhan suatu bangsa yang tidak dapat melepaskan bangsanya sendiri daripada tangan tuanku?”

¹⁶ Namun demikian, sementara nabi itu berbicara dengan dia, berkatalah Amazia kepadanya, “Apakah kami mengangkat engkau menjadi penasihat raja? Diamlah! Haruskah engkau kubunuh?” Maka diamlah nabi itu, tetapi sebelumnya ia sempat berkata, “Sekarang hamba tahu bahawa Allah telah berketetapan untuk membinasakan tuanku, kerana tuanku telah melakukan hal ini dan tidak mendengar nasihat hamba.”

Peperangan melawan Israel

¹⁷ Amazia, raja Yehuda, berunding lalu mengirim utusan kepada Yoas anak Yoahas anak Yehu, raja Israel, dengan pesan, “Mari kita berhadapan.”

¹⁸ Tetapi Yoas, raja Israel, mengirim utusan kepada Amazia, raja Yehuda, “Duri di Lebanon mengirim pesan kepada pokok araz di Lebanon, ‘Berikanlah anak perempuanmu untuk menjadi isteri anakku.’ Akan tetapi, seekor binatang liar di Lebanon berlalu dan menginjak-injak duri itu. ¹⁹ Engkau berfikir bahawa engkau telah

mengalahkan orang Edom, sehingga engkau mengangkat diri untuk bermegah. Sekarang, tinggal sajalah di istanamu! Apa gunanya menentang malapetaka sehingga engkau harus jatuh bersama-sama orang Yehuda?”

²⁰ Namun demikian, Amazia tidak mahu mendengarkannya. Memang Allah sudah menetapkan demikian supaya Dia dapat menyerahkan mereka ke dalam tangan musuh, kerana mereka telah berlindung pada tuhan-tuhan orang Edom. ²¹ Oleh sebab itu majulah Yoas, raja Israel, untuk berhadapan dengan Amazia, raja Yehuda, di Bet-Semes di Tanah Yehuda. ²² Orang Yehuda dikalahkan di hadapan orang Israel, sehingga mereka lari ke khemah masing-masing. ²³ Yoas, raja Israel, menangkap Amazia, raja Yehuda, anak Yoas, anak Yoahas, di Bet-Semes dan membawanya ke Yerusalem. Dibongkarnya tembok Yerusalem dari Pintu Gerbang Efraim sampai ke Pintu Gerbang Sudut, sepanjang empat ratus hasta. ²⁴ Dia mengambil kesemua emas, perak, dan segala alat kelengkapan yang ada di dalam Rumah Allah di bawah pengawasan Obed-Edom, juga perbendaharaan istana raja dan para tawanan. Lalu pulanglah dia ke Samaria.

²⁵ Amazia anak Yoas, raja Yehuda, masih hidup lima belas tahun selepas kematian Yoas anak

Yoahas, raja Israel. ²⁶ Riwayat Amazia yang selebihnya, dari awal hingga akhir, bukankah semua itu tertulis dalam kitab raja-raja Yehuda dan Israel? ²⁷ Sejak Amazia berpaling daripada Tuhan, ada pihak yang bersekongkol untuk melawan dia di Yerusalem, sehingga dia lari ke Lakhis. Tetapi mereka mengerahkan orang untuk mengejar dia ke Lakhis lalu membunuhnya di sana. ²⁸ Jenazahnya diangkut dengan kuda lalu dimakamkan di sisi nenek moyangnya di Kota Yehuda.

Raja Uzia

26 ¹ Lalu rakyat Yehuda mengangkat Uzia yang berumur enam belas tahun dan menobatkannya menjadi raja menggantikan ayahnya, Amazia. ² Dialah yang membina Elot semula dan mengembalikannya kepada Yehuda setelah raja dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya.

³ Ketika menaiki takhta, Uzia berumur enam belas tahun, dan dia bertakhta di Yerusalem selama lima puluh dua tahun. Nama ibunya ialah Yekholya, dari Yerusalem. ⁴ Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, seperti semua yang dilakukan Amazia, ayahnya. ⁵ Dia mencari Allah selama Zakharia hidup – Zakharia yang memahami penglihatan daripada Allah

mengajarnya supaya takut akan Allah – dan selama dia mencari Tuhan, Allah membuat hidupnya berjaya.

⁶ Dia maju berperang melawan orang Filistin dan membongkar tembok Gat, tembok Yabne, serta tembok Asdod. Dibangunkannya kota-kota di sekitar Asdod dan di tempat-tempat lain di Filistin. ⁷ Allah menolongnya menghadapi orang Filistin, orang Arab yang tinggal di Gur-Baal, dan orang Meunim. ⁸ Orang Amon mempersembahkan ufti kepada Uzia. Namanya masyhur sampai ke perbatasan Mesir, kerana dia menjadi semakin kuat.

⁹ Uzia membina beberapa buah menara di Yerusalem, iaitu di atas Pintu Gerbang Sudut, di atas Pintu Gerbang Lembah, dan di atas Sudut, serta mengukuhkannya. ¹⁰ Dia juga membina beberapa buah menara di gurun dan menggali banyak perigi, kerana dia mempunyai banyak ternakan, baik di Dataran Rendah mahupun di Dataran Tinggi. Dia mengerahkan para petani dan para penjaga kebun anggur di gunung-gunung serta di ladang yang subur, kerana dia menyukai bidang pertanian.

¹¹ Selain itu, Uzia mempunyai pasukan siap bertempur yang maju berperang dalam pasukan menurut jumlah yang dicatat oleh jurutulis dan ketua pasukan, iaitu Yeiel dan Maaseya, di bawah

pimpinan Hananya, salah seorang panglima raja. ¹² Jumlah ketua kaum keluarga daripada para kesateria gagah perkasa itu ialah dua ribu enam ratus orang. ¹³ Di bawah pimpinan mereka ada satu bala tentera berjumlah tiga ratus tujuh ribu lima ratus orang yang siap bertempur dengan kekuatan besar untuk membantu raja melawan musuh. ¹⁴ Uzia memperlengkapkan seluruh tentera itu dengan perisai, tombak, ketopong, baju zirah, busur panah, dan batu yang dihumban. ¹⁵ Di Yerusalem dia membuat alat-alat perang, rekaan para ahli, yang ditempatkan di atas menara-menara dan penjuru-penjuru untuk menembak anak panah serta batu besar. Maka masyhurlah namanya sampai ke tempat yang jauh, kerana dia ditolong dengan ajaib sehingga menjadi kuat.

Uzia dihukum kerana sifat bongkaknya

¹⁶ Setelah menjadi kuat, semakin bongkaklah dia sehingga dia melakukan hal yang merosakkan dirinya. Dia berbuat mungkar terhadap Tuhan, Allahnya, dengan masuk ke dalam Bait Suci Tuhan untuk membakar dupa di atas mazbah pembakaran dupa. ¹⁷ Tetapi Imam Azarya masuk ke dalam mengikutinya bersama-sama lapan puluh orang imam Tuhan, iaitu kalangan yang

berani. ¹⁸ Mereka berdiri di depan Raja Uzia dan berkata kepadanya, “Uzia, membakar dupa untuk dipersembahkan kepada Tuhan bukanlah hak tuanku, melainkan hak para imam keturunan Harun yang telah ditahbiskan untuk tugas itu. Keluarlah dari tempat suci ini, kerana tuanku telah berbuat mungkar. Tuanku tidak akan dimuliakan oleh Tuhan Allah kerana hal ini.”

¹⁹ Uzia, yang sedang memegang sebuah pedupaan untuk dibakar, menjadi geram. Tetapi ketika dia geram terhadap para imam itu, timbullah penyakit kusta pada dahinya di hadapan para imam di Bait Tuhan, dekat mazbah pembakaran dupa. ²⁰ Ketika ketua imam Azarya dan semua imam lain memandangnya, tampak ada penyakit kusta pada dahinya. Mereka cepat-cepat mengusirnya dari sana, dan terburu-burulah dia keluar, kerana Tuhan telah mengazabkan dia.

²¹ Raja Uzia sakit kusta sampai hari kematiannya. Sebagai penderita kusta dia tinggal di rumah yang berasingan, kerana dia diasingkan dari Bait Tuhan. Maka Yotam, anaknya, mengetuai istana dan memerintah rakyat negeri itu.

²² Riwayat Uzia yang selebihnya, dari awal sampai akhir, ditulis oleh Nabi Yesaya anak

Amos. ²³ Lalu Uzia dibaringkan bersama-sama nenek moyangnya dan dimakamkan di sisi nenek moyangnya di ladang dekat permakaman raja-raja, kerana kata orang, “Dia berpenyakit kusta.” Maka Yotam, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Yotam

27 ¹ Yotam berumur dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama enam belas tahun. Nama ibunya ialah Yerusa anak Zadok.

² Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan seperti semua yang dilakukan Uzia, ayahnya, hanya dia tidak masuk ke dalam Bait Suci Tuhan. Namun demikian, rakyat masih terus melakukan kemungkaran.

³ Dia membina Pintu Gerbang Atas di Bait Tuhan dan mengerjakan banyak pembinaan pada tembok Ofel. ⁴ Dia turut membina kota-kota di pergunungan Yehuda, serta beberapa buah kubu dan menara di kawasan hutan. ⁵ Dia berperang melawan raja bani Amon dan mengalahkan mereka. Pada tahun itu juga bani Amon mempersembahkan kepadanya seratus talenta perak, sepuluh ribu kor gandum, dan sepuluh ribu

kor barli, demikian pula pada tahun kedua dan tahun ketiga. ⁶ Yotam menjadi kuat kerana dia mengarahkan hidupnya kepada Tuhan, Allahnya. ⁷ Riwayat Yotam yang selebihnya, semua peperangannya dan perilakunya, sesungguhnya semua itu tertulis dalam kitab raja-raja Israel dan Yehuda. ⁸ Umurnya dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama enam belas tahun. ⁹ Lalu Yotam dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di Kota Daud. Maka Ahas, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Ahas

28 ¹ Ahas berumur dua puluh tahun ketika dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama enam belas tahun. Dia tidak melakukan apa yang benar di mata Tuhan seperti yang dilakukan Daud, leluhurnya, ² melainkan hidup mengikuti jejak raja-raja Israel. Malah dia membuat patung-patung tuangan bagi para Baal. ³ Dia juga membakar dupa di Lembah Ben-Hinom dan membakar anak-anaknya dalam api, mengikuti amalan keji bangsa-bangsa yang telah dihalau Tuhan dari hadapan orang Israel. ⁴ Dia mempersembahkan korban dan membakar dupa di bukit-bukit pemujaan, di atas tempat-tempat tinggi dan di bawah setiap pokok yang rimbun.

⁵ Oleh sebab itu Tuhan, Allahnya, menyerahkan dia ke dalam tangan raja Aram. Mereka mengalahkannya, menawan sejumlah besar warganya, dan membawa tawanan itu ke Damsyik. Selain itu, dia juga diserahkan ke dalam tangan raja Israel, yang mengalahkannya dengan suatu pembantaian besar. ⁶ Dalam satu hari Pekah anak Remalya membunuh seratus dua puluh ribu orang di Yehuda, semuanya orang yang gagah perkasa, kerana mereka telah meninggalkan Tuhan, Allah nenek moyang mereka. ⁷ Zikhri, kesateria dari Efraim, membunuh Maaseya, anak raja; Azrikam, ketua istana; dan Elkana, orang kedua setelah raja. ⁸ Orang Israel menawan dua ratus ribu orang daripada kalangan saudara mereka, iaitu para wanita serta anak lelaki dan anak perempuan mereka. Banyaklah jarahan yang dirampas daripada orang itu dan kesemuanya dibawa ke Samaria.

⁹ Namun demikian, di sana ada seorang nabi Tuhan yang bernama Oded. Dia pergi menemui tentera yang pulang ke Samaria itu dan berkata kepada mereka, "Lihatlah, kerana Tuhan, Allah nenek moyangmu, murka terhadap Yehuda, maka Dia menyerahkan mereka ke dalam

tanganmu. Tetapi kamu telah membantai mereka dengan kegeraman yang sampai ke langit.

¹⁰ Sekarang kamu berniat untuk menakluki bani Yehuda serta penduduk Yerusalem, lelaki atau perempuan, untuk dijadikan hambamu. Tetapi bukankah kamu sendiri berdosa terhadap Tuhan, Allahmu? ¹¹ Sekarang, dengarlah aku. Pulangkanlah para tawanan yang kamu ambil daripada kalangan para saudaramu itu, kerana murka Tuhan menyala-nyala terhadap kamu.”

¹² Kemudian beberapa orang ketua bani Efraim, iaitu Azarya anak Yohanan, Berekhya anak Mesilemot, Yehizkia anak Salum, dan Amasa anak Hadlai, berdiri berhadapan dengan kalangan yang pulang dari perang itu ¹³ dan berkata kepada mereka, “Jangan bawa tawanan-tawanan itu ke mari, kerana niatmu itu membuat kita bersalah terhadap Tuhan, sehingga akan bertambah-tambahlah dosa dan kesalahan kita. Sesungguhnya, kesalahan kita sudah cukup besar, dan murka-Nya menyala-nyala atas Israel.”

¹⁴ Maka kalangan bersenjata itu menyerahkan para tawanan dan barang jarahan mereka di hadapan para pemimpin serta seluruh jemaah.

¹⁵ Kemudian orang yang disebut nama mereka bangkit dan mengambil para tawanan itu. Semua tawanan yang telanjang dikenakan pakaian daripada barang jarahan yang ada. Mereka

diberi pakaian, kasut, makanan, dan minuman, juga diminyaki. Semua yang lemah daripada kalangan mereka diangkut dengan keldai. Mereka dipulangkan kepada saudara-saudara mereka di Yerikho, Kota Pokok Kurma. Sesudah itu, kembalilah orang Israel ke Samaria.

Ahas mengandalkan Asyur

¹⁶ Pada waktu itu Raja Ahas mengirimi utusan kepada raja Asyur untuk meminta bantuan, ¹⁷ kerana orang Edom datang lagi lalu mengalahkan Yehuda dan mengangkut sejumlah tawanan. ¹⁸ Selain itu orang Filistin juga menyerbu kota-kota di Dataran Rendah dan di Tanah Negeb Yehuda. Mereka merebut Bet-Semes, Ayalon, Gederot, dan juga Sokho, Timna, dan Gimzo, dengan kampung-kampungnya, lalu tinggal di sana. ¹⁹ Tuhan memang merendahkan Yehuda kerana Ahas, raja Israel. Tindakannya di Yehuda tidak lagi terkendali dan dia berbuat mungkar terhadap Tuhan. ²⁰ Kemudian Tilgat-Pilneser, raja Asyur, datang kepadanya. Akan tetapi, dia malah menyesakkan Ahas, bukannya membantunya. ²¹ Meskipun Ahas mengambil barang-barang dari Bait Tuhan, dari istana raja, dan dari rumah para pembesar lalu menyerahkannya kepada raja Asyur, hal itu tidaklah berfaedah baginya.

Dosa-dosa Ahas

²² Pada masa kesesakan, Raja Ahas malah semakin mungkar terhadap Tuhan.

²³ Dia mempersembahkan korban kepada berhala-berhala orang Damsyik yang telah mengalahkannya. Fikirnya, “Kerana tuhan para raja Aram membantu mereka, aku hendak mempersembahkan korban kepada tuhan-tuhan itu supaya mereka membantu aku.” Tetapi itulah yang menyebabkan keruntuhannya dan juga keruntuhan semua orang Israel.

²⁴ Ahas mengumpulkan segala alat kelengkapan Rumah Allah dan memotong-motong alat kelengkapan Rumah Allah itu. Dia menutup pintu-pintu Rumah Tuhan dan membuat bagi dirinya mazbah-mazbah di segenap penjuru Yerusalem. ²⁵ Di setiap kota di Yehuda dibuatnya bukit-bukit pemujaan untuk membakar dupa kepada tuhan-tuhan lain. Dengan demikian dia membangkitkan murka Tuhan, Allah nenek moyangnya.

²⁶ Riwayat Ahas yang selebihnya dan seluruh perilakunya, dari awal sampai akhir, sesungguhnya semua itu tertulis dalam kitab raja-raja Yehuda dan Israel. ²⁷ Lalu Ahas

dibaringkan di sisi nenek moyangnya dan dia dimakamkan di dalam kota, di Yerusalem, tetapi jenazahnya tidak dibawa ke permakaman raja-raja Israel. Maka Hizkia, anaknya, menaiki takhta untuk menggantikannya.

Raja Hizkia

29 ¹ Hizkia berumur dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua puluh sembilan tahun. Nama ibunya ialah Abia anak Zakharia. ² Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan, seperti semua yang dilakukan oleh Daud, leluhurnya.

Raja Hizkia menyucikan Bait Allah semula

³ Pada bulan pertama dalam tahun pertama pemerintahannya, Hizkia membuka pintu-pintu Bait Tuhan dan memperbaikinya. ⁴ Dibawanya para imam dan bani Lewi, lalu dikumpulkannya mereka di halaman sebelah timur. ⁵ Katanya kepada mereka, “Dengarlah, wahai bani Lewi! Sucikanlah dirimu sekarang, dan sucikanlah Bait Tuhan, Allah nenek moyangmu. Keluarkanlah segala hal yang cemar daripada Tempat Suci. ⁶ Bapa-bapa kita telah berbuat mungkar. Mereka melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, Allah kita, dan meninggalkan-Nya.

Mereka memalingkan muka dari tempat Tuhan bersemayam, dan membelakangi-Nya. ⁷ Bahkan mereka menutup pintu-pintu serambi dan memadamkan pelita-pelita. Mereka tidak membakar dupa dan tidak mempersembahkan korban bakaran di tempat suci kepada Allah Israel. ⁸ Sebab itulah murka Tuhan menimpa Yehuda dan Yerusalem. Dia membuat mereka menjadi kedahsyatan, kengerian, dan cemuhan seperti yang kamu lihat dengan matamu sendiri. ⁹ Sesungguhnya, kerana hal itulah bapa kita tewas oleh pedang, sedangkan anak-anak lelaki dan perempuan dan juga isteri kita menjadi tawanan.

¹⁰ Sekarang aku berniat mengikat perjanjian dengan Tuhan, Allah Israel, supaya surutlah murka-Nya yang menyala-nyala kepada kita itu. ¹¹ Para anakku, sekarang janganlah lalai, kerana kamu telah dipilih Tuhan untuk berdiri di hadirat-Nya dan menyelenggarakan ibadat bagi-Nya, untuk menjadi hamba-Nya serta membakar dupa.”

¹² Maka bangkitlah bani Lewi, daripada bani Kehat:

Mahat anak Amasai dan Yo'el anak Azaria;
daripada bani Merari:

Kish anak Abdi dan Azaria anak Yehaleleel;
daripada bani Gerson:

Yoah anak Zima dan Eden anak Yoah;
¹³ daripada bani Elisafan:

Simri dan Yeiel;

daripada bani Asaf:

Zakharia dan Matanya;

¹⁴ daripada bani Heman:

Yehiel anak Simei;

daripada bani Yedutun:

Semaya dan Uziel.

¹⁵ Mereka mengumpulkan saudara mereka lalu menyucikan diri. Kemudian mereka datang untuk menyucikan Bait Tuhan menurut perintah raja, selaras dengan firman Tuhan. ¹⁶ Para imam masuk ke bahagian dalam Bait Tuhan untuk menyucikannya. Mereka membawa semua yang najis yang didapati mereka di dalam Bait Suci Tuhan ke pelataran Bait Tuhan. Lalu bani Lewi mengambilnya dan membawanya ke luar, ke Lembah Kidron.

¹⁷ Penyucian itu mulai dilaksanakan pada hari pertama pada bulan pertama, dan pada hari kelapan pada bulan itu mereka sampai di serambi Bait Tuhan. Mereka menyucikan Bait Tuhan selama lapan hari lagi, dan pada hari keenam belas pada bulan pertama itu mereka pun selesai.

¹⁸ Setelah itu, mereka masuk ke dalam menghadap Raja Hizkia dan berkata, "Kami telah

menyucikan seluruh Bait Tuhan, mazbah korban bakaran dengan segala alat kelengkapannya, juga meja roti persembahan dengan segala alat kelengkapannya. ¹⁹ Segala alat kelengkapan yang dibuang Raja Ahas ketika dia berbuat mungkar pada masa pemerintahannya telah kami siapkan dan sucikan. Sekarang semua itu ada di depan mazbah Tuhan.”

²⁰ Keesokan harinya Raja Hizkia bangun pagi-pagi. Dikumpulkannya para pembesar kota, lalu mereka pergi bersama-sama ke Bait Tuhan ²¹ sambil membawa tujuh ekor lembu jantan, tujuh ekor domba jantan, tujuh ekor anak domba, dan tujuh ekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa untuk kerajaan itu, untuk tempat suci, dan untuk orang Yehuda. Raja memerintahkan bani Harun, yaitu para imam, untuk mempersembahkan semua itu di atas mazbah Tuhan. ²² Mula-mula mereka menyembelih lembu-lembu jantan, lalu para imam menerima darahnya dan memercikkannya pada mazbah. Kemudian mereka menyembelih domba-domba jantan dan memercikkan darahnya pada mazbah. Setelah itu, mereka menyembelih anak-anak domba dan memercikkan darahnya pula pada mazbah. ²³ Selanjutnya mereka membawa kambing-kambing jantan yang akan menjadi

korban penghapus dosa ke hadapan raja serta jemaah. Mereka meletakkan tangan ke atas kambing-kambing itu, ²⁴ lalu para imam membelahnya dan mempersembahkan darahnya di atas mazbah sebagai korban penghapus dosa untuk mengadakan pendamaian bagi semua orang Israel. Raja memang telah memerintahkan agar dipersembahkan korban bakaran dan korban penghapus dosa bagi semua orang Israel.

²⁵ Dia menempatkan bani Lewi di Bait Tuhan dengan ceracap, gambus, dan kecapi, selaras dengan perintah Daud dan Gad, pelihat raja, serta Nabi Natan. Perintah itu berasal daripada Tuhan dengan perantaraan para nabi-Nya.

²⁶ Maka berdirilah bani Lewi memegang alat-alat muzik Daud, sedangkan para imam memegang nafiri. ²⁷ Hizkia memberikan perintah agar dipersembahkan korban bakaran di atas mazbah. Pada waktu upacara korban bakaran dimulai, mulalah diperdengarkan juga nyanyian bagi Tuhan dan bunyi nafiri mengikuti alat-alat muzik Daud, raja Israel. ²⁸ Jemaah sujud menyembah sementara para penyanyi menyanyi dan para peniup nafiri meniup nafiri. Semua itu berlangsung sampai korban bakaran habis terbakar. ²⁹ Setelah selesainya persembahan korban, raja berserta semua orang yang hadir

berlutut dan sujud menyembah. ³⁰ Raja Hizkia dan para pembesar memerintahkan bani Lewi untuk melantunkan puji-pujian kepada Tuhan dengan syair gubahan Daud dan Asaf, pelihat itu. Mereka pun melantunkan puji-pujian dengan gembira, lalu membongkok dan sujud menyembah.

³¹ Kemudian Hizkia berkata, “Sekarang kamu telah menyucikan dirimu bagi Tuhan. Marilah, bawalah korban sembelihan dan korban syukur ke Bait Tuhan.” Maka jemaah membawa korban sembelihan dan korban syukur. Selain itu setiap orang yang rela hati membawa juga korban bakaran. ³² Jumlah korban bakaran yang dibawa jemaah ialah 70 ekor lembu, 100 ekor domba jantan, dan 200 ekor anak domba. Semua itu menjadi korban bakaran untuk dipersembahkan kepada Tuhan. ³³ Persembahan-persembahan suci terdiri daripada 600 ekor lembu dan 3,000 ekor domba. ³⁴ Akan tetapi, jumlah imam terlalu sedikit, sehingga mereka tidak dapat menyiati kulit semua korban bakaran itu. Oleh sebab itu para saudara mereka, bani Lewi, membantu mereka sampai pekerjaan itu selesai dan sampai para imam menyucikan diri. Para bani Lewi memang lebih bersungguh-sungguh menyucikan diri daripada para imam. ³⁵ Apatah lagi, korban bakaran itu banyak, juga lemak

korban kedamaian dan persembahan minuman untuk segala korban bakaran itu.

Demikianlah ibadat di Bait Tuhan ditetapkan kembali. ³⁶ Hizkia dan seluruh rakyat bersukacita atas apa yang telah ditetapkan Allah bagi bangsa itu, kerana hal itu terjadi secara mendadak.

Raja Hizkia merayakan Paskah

30 ¹ Hizkia mengirim pesan ke seluruh Israel dan Yehuda, bahkan menulis surat kepada orang Efraim dan Manasye supaya mereka datang ke Bait Tuhan di Yerusalem untuk merayakan Paskah bagi Tuhan, Allah Israel.

² Raja bersama-sama para pembesarnya dan seluruh jemaah di Yerusalem berunding untuk merayakan Paskah pada bulan kedua. ³ Mereka memang tidak dapat merayakan Paskah pada waktunya, kerana belum cukup jumlah imam yang telah menyucikan dirinya, dan rakyat pun belum berkumpul di Yerusalem. ⁴ Hal itu dipandang baik oleh raja serta seluruh jemaah.

⁵ Mereka memutuskan untuk menyiarkan pengumuman di seluruh Israel, dari Bersyeba sampai Dan, supaya orang datang ke Yerusalem untuk merayakan Paskah bagi Tuhan, Allah Israel. Mereka memang belum pernah merayakannya

secara menyeluruh dan besar-besaran di seluruh negeri sebagaimana yang tertulis.

⁶ Maka bersegeralah perginya para pesuruh untuk membawa surat daripada raja dan para pembesarnya ke seluruh Israel serta Yehuda. Selaras dengan perintah raja, mereka berkata, “Wahai orang Israel, kembalilah kepada Tuhan, Allah Abraham, Ishak, dan Israel, supaya Dia juga kembali kepada kalangan umat yang tertinggal yang terselamat daripada tangan raja-raja Asyur.

⁷ Janganlah seperti para bapamu dan para saudaramu yang berbuat mungkar terhadap Tuhan, Allah nenek moyang mereka, sehingga Dia menjadikan mereka suatu kengerian seperti yang kamu lihat sendiri. ⁸ Sekarang, janganlah keras hati seperti nenek moyangmu, tetapi serahkanlah dirimu kepada Tuhan. Datanglah ke tempat suci-Nya, yang telah disucikan-Nya untuk selama-lamanya, dan beribadatlah kepada Tuhan, Allahmu, supaya surutlah hendaknya murka-Nya yang menyala-nyala terhadapmu.

⁹ Jika kamu kembali kepada Tuhan, maka para saudaramu dan anak-anakmu akan mendapat belas kasihan di hadapan orang yang menawan mereka, sehingga mereka dapat kembali ke negeri ini, kerana Tuhan, Allahmu, sememangnya maha pengasih lagi maha penyayang. Dia tidak

akan memalingkan wajah-Nya daripada dirimu jika kamu kembali kepada-Nya.”

¹⁰ Maka segeralah para pesuruh itu pergi dari kota ke kota, melalui Tanah Efraim dan Manasye, bahkan sampai ke Zebulon. Tetapi mereka ditertawakan dan diolok-olokkan. ¹¹ Namun demikian, ada juga beberapa orang dari Asyer, Manasye, dan Zebulon yang merendahkan diri lalu datang ke Yerusalem. ¹² Di Tanah Yehuda nyata pulalah tangan Allah membuat mereka sehati untuk melakukan perintah raja dan para pembesar selaras dengan firman Tuhan.

¹³ Maka berkumpul sejumlah besar rakyat di Yerusalem, sebuah jemaah yang sangat besar, untuk merayakan Perayaan Roti Tidak Beragi pada bulan kedua. ¹⁴ Mereka segera menyingkirkan mazbah-mazbah yang ada di Yerusalem. Semua tempat membakar dupa pun disingkirkan dan dibuang ke Lembah Kidron. ¹⁵ Setelah itu, mereka menyembelih korban Paskah pada hari keempat belas pada bulan kedua. Para imam dan bani Lewi berasa malu, lalu menyucikan diri dan membawa korban-korban bakaran ke Bait Tuhan. ¹⁶ Mereka berdiri di tempat masing-masing menurut peraturan yang ditetapkan, selaras dengan Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa, hamba Allah itu. Lalu para imam memercikkan darah yang

diterima mereka daripada bani Lewi. ¹⁷ Dalam jemaah ada ramai orang yang belum menyucikan diri. Oleh sebab itu bani Lewi bertanggungjawab atas penyembelihan domba Paskah bagi setiap orang yang belum suci, yang tidak dapat menyiapkan korbannya untuk dipersembahkan kepada Tuhan. ¹⁸ Sejumlah besar rakyat, kebanyakan dari Efraim, Manasye, Isakhar, dan Zebulon, memang belum menyucikan diri. Namun demikian, mereka memakan korban Paskah juga, bertentangan dengan apa yang tertulis. Kerana itu Hizkia berdoa untuk mereka, “Tuhan Yang Maha Baik, semoga Engkau mengampuni setiap orang ¹⁹ yang telah menetapkan hatinya untuk mencari Allah, iaitu Tuhan, Allah nenek moyangnya, sungguhpun orang itu tidak suci menurut aturan tempat suci.” ²⁰ Tuhan mendengar Hizkia, dan Dia menyembuhkan bangsa itu. ²¹ Orang Israel yang hadir di Yerusalem merayakan Perayaan Roti Tidak Beragi selama tujuh hari dengan kesukaan yang besar. Dengan nyaring, bani Lewi dan para imam memuji-muji Tuhan setiap hari dengan diiringi alat-alat muzik Tuhan. ²² Hizkia menyampaikan pujian kepada semua bani Lewi yang memperlihatkan kecekapan yang baik dalam pengendalian ibadat kepada Tuhan.

Demikianlah orang makan makanan hari raya tujuh hari lamanya, mempersembahkan korban kedamaian, dan mengucap syukur kepada Tuhan, Allah nenek moyang mereka. ²³ Kemudian seluruh jemaah berunding untuk mengadakan perayaan tujuh hari lagi. Jadi, mereka pun mengadakan perayaan tujuh hari lagi dengan suka ria. ²⁴ Hizkia, raja Yehuda, menyumbangkan kepada jemaah seribu ekor lembu jantan dan tujuh ribu ekor domba. Para pembesar pun menyumbangkan kepada jemaah seribu ekor lembu jantan dan sepuluh ribu ekor domba. Sementara itu, ramai imam yang sudah menyucikan diri. ²⁵ Seluruh jemaah Yehuda bersuka ria bersama-sama para imam, bani Lewi, seluruh jemaah yang datang dari Israel, dan pendatang dari Tanah Israel serta yang tinggal di Tanah Yehuda. ²⁶ Demikianlah ada kesukaan yang besar di Yerusalem, kerana sejak zaman Salomo anak Daud, raja Israel, belum pernah terjadi peristiwa seperti itu di Yerusalem. ²⁷ Setelah itu, para imam Lewi segera memberkati rakyat. Suara mereka didengar Allah dan doa mereka sampai ke tempat kediaman-Nya yang suci di syurga.

31 ¹ Setelah selesainya semua itu, seluruh orang Israel yang hadir pergi ke kota-kota Yehuda. Mereka menghancurkan tiang-tiang berhala dan menebang patung-patung Asyera.

Mereka merobohkan bukit-bukit pemujaan dan mazbah-mazbah di seluruh Tanah Yehuda, Benyamin, Efraim, dan Manasye, sampai semuanya habis. Setelah itu, seluruh orang Israel pulang ke tanah milik masing-masing dan ke kota mereka.

Sumbangan untuk imam dan bani Lewi diatur

² Hizkia menetapkan regu para imam dan bani Lewi menurut giliran mereka, selaras dengan pekerjaan masing-masing sebagai imam atau bani Lewi. Mereka harus mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaian, menyelenggarakan ibadat, mengucap syukur, dan melantunkan puji-pujian di pintu-pintu gerbang perkhemahan Tuhan. ³ Raja memberikan sumbangan daripada harta bendanya untuk korban bakaran, baik korban bakaran pada pagi dan petang hari mahupun korban bakaran pada hari-hari Sabat, pada bulan-bulan baru, dan pada hari-hari perayaan tertentu, seperti yang tertulis dalam hukum Tuhan.

⁴ Dia memerintahkan rakyat yang tinggal di Yerusalem untuk memberikan sumbangan yang menjadi bahagian para imam serta bani Lewi, supaya mereka dapat mencurahkan tenaga untuk

melaksanakan hukum Tuhan.⁵ Apabila perintah itu tersiar, orang Israel membawa banyak sekali hasil pertama mereka daripada gandum, air anggur, minyak, madu, dan segala hasil ladang. Selain itu mereka juga membawa persembahan sepersepuluh daripada segala sesuatu dalam jumlah yang besar.⁶ Orang Israel dan Yehuda yang tinggal di kota-kota Yehuda pun membawa persembahan sepersepuluh daripada kawanan lembu dan kawanan domba serta persembahan sepersepuluh daripada barang-barang suci yang ditakdiskan bagi Tuhan, Allah mereka. Semua itu diletakkan mereka sehingga bertimbun-timbun.⁷ Hal itu mulai dilakukan mereka pada bulan ketiga hingga selesai pada bulan ketujuh.⁸ Ketika Hizkia dan para pembesar datang melihat timbunan itu, mereka memuji Tuhan serta umat-Nya, Israel.⁹ Kemudian Hizkia bertanya kepada para imam dan bani Lewi tentang timbunan itu.¹⁰ Ketua imam Azarya, yang berasal daripada keturunan kaum Zadok, menjawab dia demikian, “Sejak orang mulai membawa persembahan khusus ke Bait Tuhan, kami makan sekenyangnya, bahkan sisanya masih banyak. Tuhan memang telah memberkati umat-Nya sehingga sisanya sebanyak ini.”

¹¹ Hizkia pun memerintah agar disediakan bilik-bilik di dalam Bait Tuhan. Setelah bilik-bilik

itu disediakan, ¹² maka dengan setia mereka membawa ke sana persembahan khusus, persembahan sepersepuluh, dan persembahan-persembahan suci. Konanya, seorang bani Lewi, ketua pegawai yang mengepalai semua urusan itu, dan Simei, saudaranya, menjadi pembantunya. ¹³ Yehiel, Azazyah, Nahat, Asael, Yerimot, Yozabad, Eliel, Yismakhya, Mahat, dan Benanya menjadi pengawas di bawah pimpinan Konanya serta Simei, saudaranya itu, selaras dengan ketentuan Raja Hizkia dan Azarya, ketua Rumah Allah. ¹⁴ Kore anak Yimna, si bani Lewi, penjaga pintu gerbang sebelah timur, bertanggungjawab atas persembahan-persembahan sukarela yang dipersembahkan kepada Allah. Dia juga harus membahagi-bahagikan persembahan khusus yang diberikan kepada Tuhan, serta persembahan-persembahan teramat suci. ¹⁵ Eden, Minyamin, Yesua, Semaya, Amarya, dan Sekhanya membantunya dengan setia di kota-kota para imam. Mereka harus menyerahkan pembahagian itu kepada saudara-saudara mereka menurut regu mereka, baik tua mahupun muda, ¹⁶ selain kepada mereka yang tercatat dalam salasilah sebagai lelaki berumur tiga tahun ke atas, iaitu setiap orang yang akan masuk ke dalam Bait Tuhan selaras dengan hari-hari yang ditetapkan baginya

untuk bertugas menurut kewajiban dan regu mereka. ¹⁷ Para imam dicatat dalam salasilah menurut keturunan kaum mereka, sedangkan bani Lewi yang berumur dua puluh tahun ke atas dicatat menurut kewajiban dan regu mereka. ¹⁸ Salasilah itu mencakup semua kanak-kanak, isteri, anak-anak lelaki dan perempuan daripada seluruh jemaah itu, kerana dengan setia mereka menyucikan diri untuk persembahan suci. ¹⁹ Bani Harun, iaitu para imam yang tinggal di padang ragut di sekitar kota masing-masing, melantik orang tertentu dengan disebut nama mereka untuk menyerahkan pembahagian kepada semua lelaki dalam kalangan imam dan bani Lewi yang tercatat dalam salasilah.

²⁰ Demikianlah perbuatan Hizkia di seluruh Tanah Yehuda. Dia melakukan apa yang baik, tepat, dan benar di hadapan Tuhan, Allahnya.

²¹ Dalam setiap pekerjaan yang dimulainya, baik dalam hal ibadat di Rumah Allah mahupun dalam hal pelaksanaan hukum Taurat serta perintah untuk mencari Allahnya, dia melakukannya dengan segenap hati sehingga dia cukup berjaya.

Raja Sanherib mengepung Yerusalem

32 ¹ Sesudah hal-hal yang dikerjakan Hizkia dengan penuh kesetiaan itu, datanglah Sanherib, raja Asyur, memasuki Tanah Yehuda.

Dia berkhemah mengepung kota-kota berkubu dan berniat menaklukkannya bagi dirinya.² Ketika Hizkia melihat bahawa Sanherib datang dan berniat memerangi Yerusalem,³ berundinglah dia dengan para pembesarnya dan kesaterianya untuk menutup mata air yang ada di luar kota. Mereka pun membantunya.⁴ Maka ramailah orang yang berkumpul lalu mereka menutup semua mata air dan sungai yang mengalir di tengah-tengah negeri itu. Fikir mereka, “Mengapa raja-raja Asyur harus mendapat banyak air kalau mereka datang?”⁵ Hizkia pun menguatkan hati lalu membina kembali semua bahagian tembok yang pecah, meninggikan menara-menara di atasnya, dan membina tembok lain di luarnya. Dia memperkuat Milo di Kota Daud dan membuat banyak senjata serta perisai.⁶ Dia melantik para panglima perang atas bangsa itu dan dikumpulkannya mereka menghadapnya di lapangan dekat pintu gerbang kota. Lalu dia meneguhkan hati mereka dengan berkata:⁷ “Kuatkanlah dan teguhkanlah hatimu! Janganlah takut dan janganlah kecut hati terhadap raja Asyur dan terhadap seluruh pasukan yang menyertainya, kerana yang menyertai kita lebih besar daripada yang menyertainya.⁸ Yang menyertainya hanyalah tangan manusia, sedangkan yang menyertai kita

ialah Tuhan, Allah kita, yang membantu kita dan bertempur dalam peperangan kita.” Bangsa itu pun diyakinkan oleh perkataan Hizkia, raja Yehuda.

⁹ Setelah itu, ketika Sanherib, raja Asyur, sedang mengepung Lakhis dengan seluruh tentera kerajaannya, dia mengutus para pegawainya ke Yerusalem menemui Hizkia, raja Yehuda, serta semua orang Yehuda yang ada di Yerusalem, dengan pesan: ¹⁰ “Beginilah titah Sanherib, raja Asyur: Kepada apakah yang kamu bergantung sehingga kamu tetap tinggal di Yerusalem yang terkepung ini? ¹¹ Bukankah Hizkia memujuk kamu, supaya kamu mati kelaparan dan kehausan, dengan berkata, ‘Tuhan, Allah kita, akan melepaskan kita daripada tangan raja Asyur’? ¹² Bukankah Hizkia ini yang menyingkirkan bukit-bukit pemujaan-Nya serta mazbah-mazbah-Nya sambil berkata kepada orang Yehuda dan Yerusalem, ‘Kamu harus sujud menyembah di depan sebuah sahaja mazbah dan membakar dupa di atasnya sahaja’? ¹³ Tidakkah kamu tahu apa yang dilakukan olehku dan oleh nenek moyangku kepada semua suku bangsa negeri lain? Apakah tuhan bangsa-bangsa negeri itu dapat melepaskan negeri mereka daripada tanganku? ¹⁴ Siapakah antara semua tuhan bangsa-bangsa yang ditumpaskan oleh nenek

moyangku itu dapat melepaskan bangsanya daripada tanganku, sehingga Allahmu pun dapat melepaskan kamu daripada tanganku?

¹⁵ Sekarang, jangan mahu ditipu oleh Hizkia dan jangan mahu dipujuknya seperti itu. Jangan percaya kepadanya, kerana tidak ada tuhan daripada bangsa atau kerajaan mana pun yang dapat melepaskan bangsanya daripada tanganku dan daripada tangan nenek moyangku. Apa lagi Allahmu! Dia tidak akan dapat melepaskan kamu daripada tanganku.”

¹⁶ Masih banyak lagi yang dikatakan oleh para pegawai Sanherib untuk menentang Tuhan Allah, dan menentang Hizkia, hamba-Nya. ¹⁷ Selain itu, dia menulis beberapa pucuk surat pula untuk mencela Tuhan, Allah Israel, dan menghujah-Nya, bunyinya, “Seperti tuhan bangsa-bangsa negeri lain tidak dapat melepaskan bangsanya daripada tanganku, demikian juga Allah Hizkia tidak akan melepaskan bangsa-Nya daripada tanganku.”

¹⁸ Mereka berseru-seru dengan suara nyaring dalam bahasa Ibrani kepada penduduk Yerusalem yang ada di atas tembok untuk menakut-nakuti dan menggentarkan mereka, supaya kota itu dapat direbut mereka. ¹⁹ Mereka berbicara tentang Allah Yerusalem seperti tentang tuhan suku-suku bangsa di bumi ini, buatan tangan manusia.

Yerusalem terselamat daripada tangan Raja Sanherib

²⁰ Maka Raja Hizkia dan Nabi Yesaya anak Amos berdoa dan berseru ke syurga. ²¹ Lalu Tuhan mengutus malaikat yang melenyapkan semua kesateria gagah perkasa, pemimpin, dan panglima yang ada di perkhemahan raja Asyur, sehingga dia pulang ke negerinya dengan muka yang diaibkan. Ketika dia masuk ke dalam kuil dewanya, anak-anak kandungnya sendiri membunuhnya dengan pedang di sana.

²² Demikianlah Tuhan menyelamatkan Hizkia dan penduduk Yerusalem daripada tangan Sanherib, raja Asyur, dan daripada tangan semua orang. Dia mengurniakan ketenteraman kepada mereka di segala penjuru. ²³ Ramai orang membawa persembahan bagi Tuhan ke Yerusalem, dan barang-barang berharga untuk Hizkia, raja Yehuda. Sejak itu dia diagungkan di hadapan mata semua bangsa.

Tahun-tahun terakhir pemerintahan Raja Hizkia

²⁴ Pada waktu itu, Hizkia jatuh sakit dan hampir mati. Lalu dia berdoa kepada Tuhan, lalu Allah berfirman kepadanya dan memberinya suatu tanda ajaib. ²⁵ Akan tetapi, Hizkia tidak membalas kebaikan yang ditunjukkan kepadanya, kerana

hatinya menjadi sombong. Itulah sebabnya murka menimpanya dan turut menimpa Yehuda serta Yerusalem. ²⁶ Kemudian Hizkia merendahkan diri daripada kesombongan hatinya, begitu pula penduduk Yerusalem, sehingga murka Tuhan tidak menimpa mereka pada zaman Hizkia.

²⁷ Hizkia memiliki kekayaan dan kehormatan yang sangat besar. Dia membuat perbendaharaan bagi perak, emas, permata, rempah-ratus, perisai, dan segala alat kelengkapan yang indah-indah.

²⁸ Dia juga membuat gudang-gudang perbekalan untuk hasil gandum, air anggur, dan minyak, serta kandang untuk segala jenis haiwan besar, juga untuk kawanan ternakan. ²⁹ Selain itu, dia membuat kota-kota baginya dan memperoleh kawanan domba dan kawanan lembu dalam jumlah yang besar kerana Allah mengurniakan banyak sekali harta benda kepadanya. ³⁰ Hizkia jugalah yang membendung mata air Gihon di hulu dan mengalirkannya ke hilir, ke sebelah barat Kota Daud. Hizkia berhasil dalam segala pekerjaannya. ³¹ Ketika utusan para pembesar Babel diutus kepadanya untuk menanyakan tanda ajaib yang terjadi di negeri itu, Allah membiarkan dia bertindak sendiri untuk menguji dan mengetahui segala isi hatinya.

³² Riwayat Hizkia yang selebihnya dan perbuatan baiknya, sesungguhnya semua itu tertulis dalam kitab penglihatan Nabi Yesaya anak Amos, dalam kitab raja-raja Yehuda dan Israel. ³³ Lalu Hizkia dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di pendakian, di permakaman keturunan Daud. Pada masa kematiannya semua orang Yehuda dan penduduk Yerusalem memberikan penghormatan kepadanya. Maka Manasye, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Manasye

33 ¹ Manasye berumur dua belas tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama lima puluh tahun di Yerusalem. ² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, mengikuti kekejian bangsa-bangsa yang telah dihalau Tuhan dari hadapan orang Israel. ³ Dia membina kembali bukit-bukit pemujaan yang telah dirobohkan oleh Hizkia, ayahnya, lalu didirikannya mazbah-mazbah bagi para dewa Baal dan dibuatnya patung-patung Asyera. Dia sujud menyembah segala benda langit dan beribadat kepadanya. ⁴ Dia juga membina pelbagai mazbah di dalam Bait Tuhan,

padahal Tuhan telah berfirman, “Di Yerusalem nama-Ku akan kekal untuk selama-lamanya.”

⁵ Di dua pelataran Bait Tuhan, dia membina mazbah-mazbah bagi segala benda langit. ⁶ Dia mempersembahkan anak-anaknya pula sebagai korban yang dibakar di Lembah Ben-Hinom dan mengamalkan kegiatan ramal, nujum, dan menelah, serta menghubungi pemanggil arwah dan ahli sihir. Banyak kejahatan dilakukannya di mata Tuhan, sehingga dia membangkitkan murka-Nya. ⁷ Dia menempatkan patung ukiran, yaitu berhala yang dibuatnya, di dalam Rumah Allah, padahal Allah telah berfirman kepada Daud dan kepada Salomo, anaknya, “Di dalam Bait ini dan di Yerusalem, yang telah Kupilih daripada kalangan semua suku Israel, Aku akan menegakkan nama-Ku untuk selama-lamanya. ⁸ Aku tidak akan membiarkan kaki orang Israel beranjak lagi dari tanah yang telah Kutetapkan bagi nenek moyangmu, asal sahaja mereka melakukan dengan setia segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepada mereka melalui Musa, iaitu segala hukum, ketetapan, dan peraturan.” ⁹ Manasye menyesatkan orang Yehuda dan penduduk Yerusalem sehingga mereka berbuat jahat, lebih daripada bangsa-

bangsa yang telah dipunahkan Tuhan dari hadapan orang Israel.

¹⁰ Tuhan berfirman kepada Manasye dan kepada rakyatnya, tetapi mereka tidak mahu mendengar.

¹¹ Oleh sebab itu Tuhan mendatangkan kepada mereka panglima-panglima tentera raja Asyur, yang menangkap Manasye dengan pelbagai cangkuk dan membelenggunya dengan rantai gangsa, dan membawanya ke Babel. ¹² Dalam kesesakannya dia memohon belas kasihan Tuhan, Allahnya. Dia sangat merendahkan diri di hadapan Allah nenek moyangnya ¹³ dan berdoa kepada-Nya. Lalu Allah mengabulkan doanya dan mendengar permohonannya. Allah membawanya kembali ke Yerusalem, kepada kerajaannya. Maka tahulah Manasye bahawa Tuhan sememangnya Allah.

¹⁴ Setelah itu, dia membangunkan tembok luar Kota Daud di sebelah barat Gihon, di lembah, sampai jalan masuk Pintu Gerbang Ikan, mengelilingi Ofel. Tembok itu dibuatnya tinggi sekali, lalu ditempatkannya para panglima pasukan di semua kota berkubu di Yehuda.

¹⁵ Dia menyingkirkan tuhan-tuhan bangsa asing, berhala dari dalam Bait Tuhan, dan semua mazbah yang dibinanya di atas gunung tempat Bait Tuhan serta di Yerusalem, lalu membuang semua itu ke luar kota. ¹⁶ Dia mendirikan kembali

mazbah bagi Tuhan dan dipersembahkannya di atasnya korban kedamaian serta korban syukur. Kemudian dia memerintahkan orang Yehuda untuk beribadat kepada Tuhan, Allah Israel. ¹⁷ Meskipun begitu, rakyat masih mempersembahkan korban di bukit-bukit pemujaan, tetapi hanya kepada Tuhan, Allah mereka.

¹⁸ Riwayat Manasye yang selebihnya, doanya kepada Allahnya, dan kata-kata para pelihat yang disampaikan kepadanya dengan nama Tuhan, Allah Israel, sesungguhnya semua itu terdapat dalam riwayat raja-raja Israel. ¹⁹ Doanya dan pengabulan doanya, segala dosa dan kemungkarannya, serta tempat-tempat di mana dia membina bukit-bukit pemujaan, mendirikan patung-patung Asyera dan patung-patung ukiran sebelum dia merendahkan diri, sesungguhnya semua itu tertulis dalam riwayat para pelihat.

²⁰ Lalu Manasye dibaringkan bersama nenek moyangnya dan dia dimakamkan di dalam istananya. Maka Amon, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Amon

²¹ Amon berumur dua puluh dua tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama dua tahun.

²² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, seperti yang dilakukan oleh Manasye, ayahnya. Amon mempersembahkan korban kepada segala patung ukiran yang dibuat Manasye, ayahnya, dan beribadat kepadanya. ²³ Dia tidak merendahkan diri di hadapan Tuhan seperti yang dilakukan oleh Manasye, ayahnya. Sebaliknya, Amon ini semakin bertambah kesalahannya.

²⁴ Kemudian para pegawainya bersekongkol melawannya dan membunuhnya di istananya.

²⁵ Akan tetapi, rakyat negeri itu membunuh semua orang yang bersekongkol melawan Raja Amon. Lalu rakyat negeri itu menobatkan Yosia, anaknya, menjadi raja menggantikannya.

Raja Yosia dan pembaharuan yang dilakukannya

34 ¹ Yosia berumur lapan tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta di Yerusalem selama tiga puluh satu tahun. ² Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan dan hidup mengikuti jejak Daud, leluhurnya, tanpa menyimpang ke kanan atau ke kiri.

³ Pada tahun kelapan pemerintahannya, ketika dia masih muda remaja, mulailah dia mencari Allah Daud, leluhurnya. Pada tahun kedua belas dia mulai menyucikan Yehuda dan Yerusalem

daripada bukit-bukit pemujaan, patung-patung Asyera, patung-patung ukiran, dan patung-patung tuangan. ⁴ Mazbah para Baal dirobohkan di hadapannya, dan tugu-tugu mazbah dupa yang menjulang di atasnya ditebangnya. Dia memecahkan dan menumbuk patung-patung Asyera, patung-patung ukiran, dan patung-patung tuangan lalu menghamburkannya ke atas kuburan kalangan yang mempersembahkan korban kepada semua itu. ⁵ Dia juga membakar tulang para imam di atas mazbah mereka. Demikianlah dia menyucikan Yehuda dan Yerusalem. ⁶ Di kota-kota Manasye, Efraim, Simeon, sampai Naftali, dan di reruntuhan sekitarnya, ⁷ dia merobohkan mazbah-mazbah dan patung-patung Asyera. Dihancurkannya sampai lumat patung-patung ukiran dan ditebangnya semua tugu mazbah dupa di seluruh Tanah Israel. Setelah itu, dia pulang ke Yerusalem.

Kitab Taurat ditemukan semula

⁸ Pada tahun kelapan belas zaman pemerintahannya, setelah dia menyucikan negeri dan Bait Allah, disuruhnya Safan anak Azalya dan Maaseya, pemerintah kota, serta Yoah anak Yoahas, pencatat sejarah, untuk

memperbaiki Bait Tuhan, Allahnya. ⁹ Mereka datang menemui Imam Besar Hilkia dan menyerahkan kepadanya wang yang telah dibawa ke Rumah Allah. Wang itu dikumpulkan oleh bani Lewi, iaitu para penjaga pintu, daripada orang Manasye dan Efraim, semua orang Israel yang selebihnya, semua orang Yehuda dan Benyamin, serta penduduk Yerusalem. ¹⁰ Wang itu kemudian diserahkan mereka kepada para pekerja yang dilantik untuk mengawasi Bait Tuhan. Selanjutnya para pekerja di Bait Tuhan itu mengeluarkannya lagi untuk digunakan bagi membetulkan dan memperbaiki Bait. ¹¹ Mereka menyerahkan wang itu kepada tukang kayu dan tukang bangunan, yang akan membeli batu pahat dan juga kayu untuk penyepit-penyepit serta rasuk-rasuk pada bangunan-bangunan yang dibiarkan rosak oleh raja-raja Yehuda. ¹² Orang yang ditugaskan itu melaksanakan pekerjaan mereka dengan setia. Yahat dan Obaja, bani Lewi daripada bani Merari, diangkat menjadi pengawas mereka, sedang Zakharia dan Mesulam daripada bani Kehat menjadi pengarah. Para bani Lewi, iaitu semua yang pandai memainkan alat-alat muzik, ¹³ mengepalai tukang-tukang pikul dan mengarahkan semua pekerja dalam setiap pekerjaan. Daripada kalangan bani Lewi

itu ada juga yang menjadi jurutulis, pengatur, dan penjaga pintu gerbang.

¹⁴ Ketika mereka mengeluarkan wang yang telah dibawa ke dalam Bait Tuhan, Imam Hilkia menemukan Kitab Taurat Tuhan yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan Musa.

¹⁵ Lalu Hilkia berkata kepada jurutulis Safan, “Aku menemukan Kitab Suci Taurat di dalam Bait Tuhan,” sambil menyerahkan kitab itu kepada Safan. ¹⁶ Safan pun membawa kitab itu kepada raja. Disampaikannya laporan kepada raja, katanya, “Segala sesuatu yang ditugaskan kepada hamba-hambamu itu telah dilaksanakan mereka.

¹⁷ Mereka telah mengosongkan wang yang ada di Bait Tuhan dan menyerahkannya kepada para pengawas dan pekerja.” ¹⁸ Selain itu, jurutulis Safan memberitahu pula kepada raja, “Imam Hilkia juga menyerahkan sebuah kitab kepada hamba.” Lalu Safan membacakannya di hadapan raja.

¹⁹ Apabila raja mendengar perkataan Kitab Suci Taurat itu, dia pun mengoyakkan pakaiannya.

²⁰ Kemudian raja memberikan perintah kepada Hilkia, Ahikam anak Safan, Abdon anak Mikha, jurutulis Safan, dan Asaya, pegawai raja, demikian, ²¹ “Pergilah, carilah petunjuk Tuhan bagiku dan bagi saki-baki orang di Israel serta Yehuda tentang perkataan kitab yang ditemukan

ini. Besarlah murka Tuhan yang dicurahkan kepada kita, kerana kalangan bapa kita tidak berpegang teguh pada firman Tuhan dengan melakukan semua yang tertulis dalam kitab ini.”

²² Lalu pergilah Hilkia dengan orang suruhan raja itu kepada Nabiah Hulda, isteri Salum anak Tokhat anak Hasra, pengurus pakaian-pakaian ibadat. Nabiah itu tinggal di Yerusalem, di perkampungan baru. Mereka pun berbicara kepadanya seperti yang diperintahkan. ²³ Kata perempuan itu kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Katakanlah kepada orang yang mengutus kamu kepadaku, ²⁴ ‘Beginilah firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka atas tempat ini dan atas penduduknya, iaitu semua kutukan yang tertulis dalam kitab yang telah dibaca di hadapan raja Yehuda, ²⁵ kerana mereka telah meninggalkan Aku dan telah membakar dupa kepada tuhan-tuhan lain untuk membangkitkan murka-Ku dengan segala perbuatan tangan mereka. Itulah sebabnya murka-Ku akan dicurahkan ke atas tempat ini dan tidak akan padam.” ’ ²⁶ Namun demikian, kepada raja Yehuda yang mengutus kamu untuk mencari petunjuk Tuhan, beginilah harus kamu katakan kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, “Mengenai perkataan yang kaudengar

itu, ²⁷ kerana hatimu bersedih dan engkau merendahkan diri di hadapan Allah ketika engkau mendengar firman-Nya perihal tempat ini serta penduduknya, dan kerana engkau merendahkan diri di hadapan-Ku, mengoyakkan pakaianmu, juga menangis di hadapan-Ku, maka Aku mendengar engkau, demikianlah firman Tuhan. ²⁸ Sesungguhnya, Aku akan mengumpulkan engkau dengan nenek moyangmu, dan engkau akan dikebumikan di dalam kuburmu dengan sejahtera. Matamu tidak akan melihat semua malapetaka yang akan Kudatangkan ke atas tempat ini dan penduduknya.” ’

Lalu mereka menyampaikan kata-kata itu kepada raja.

²⁹ Sesudah itu raja menyuruh semua tua-tua Yehuda dan Yerusalem berkumpul. ³⁰ Raja pun pergi ke Bait Tuhan bersama-sama semua orang Yehuda, penduduk Yerusalem, para imam, bani Lewi, dan seluruh rakyat, daripada yang besar sampai kepada yang kecil. Dibacanya semua perkataan kitab perjanjian yang ditemukan di Bait Tuhan itu, sementara mereka mendengarkannya. ³¹ Kemudian raja berdiri di tempatnya dan mengikat perjanjian di hadapan Tuhan untuk hidup mengikuti Tuhan serta berpegang teguh pada segala perintah-Nya, peraturan-Nya, dan ketetapan-Nya dengan segenap hatinya dan

dengan segenap jiwanya, serta untuk melakukan perkataan perjanjian yang tertulis dalam kitab itu. ³² Dia menyuruh semua orang yang ada di Yerusalem dan di Tanah Benyamin turut serta dalam perjanjian itu. Maka penduduk Yerusalem bertindak selaras dengan perjanjian Allah, Allah nenek moyang mereka. ³³ Yosia menyingkirkan segala berhala yang keji dari seluruh negeri milik orang Israel. Dia menyuruh semua orang yang ada di Israel beribadat kepada Tuhan, Allah mereka. Sepanjang Yosia hidup, mereka tidak menyimpang dan tetap mengikuti Tuhan, Allah nenek moyang mereka.

Raja Yosia merayakan Paskah

35 ¹ Yosia merayakan Paskah bagi Tuhan di Yerusalem. Korban Paskah disembelih pada hari keempat belas pada bulan pertama. ² Dia menugaskan para imam menurut jawatan mereka dan menggalakkan mereka melaksanakan tugas di Bait Tuhan. ³ Kepada bani Lewi, yang menjadi pengajar seluruh orang Israel dan orang suci Tuhan, dia berkata, “Taruhlah tabut suci di dalam bait yang dibina oleh Salomo anak Daud, raja Israel. Tak usah lagi kamu mengusungnya. Sekarang, perhambakanlah diri kepada Tuhan, Allahmu, dan kepada umat-Nya

Israel. ⁴ Bersiaplah menurut kaum-kaum keluargamu selaras dengan regumu, seperti yang ditulis oleh Daud, raja Israel, juga oleh Salomo, anaknya. ⁵ Berdirilah di tempat suci menurut golongan kaum keluarga saudara-saudaramu, yaitu kaum awam, sehingga masing-masing mendapat satu kaum keluarga bani Lewi. ⁶ Sembelihlah korban Paskah, sucikanlah dirimu, dan adakanlah persediaan bagi para saudaramu, supaya dilaksanakan apa yang difirmankan Tuhan dengan perantaraan Musa.”

⁷ Kepada kaum awam, Yosia memberikan sumbangan peribadi sebanyak 30,000 ekor kambing dan domba, yaitu anak domba dan anak kambing, semuanya sebagai korban Paskah bagi semua orang yang hadir. Dia juga menyumbangkan 3,000 ekor lembu, semuanya daripada harta benda raja. ⁸ Para pembesarnya pun memberikan sumbangan sukarela kepada rakyat, para imam, dan bani Lewi. Hilkia, Zakharia, dan Yehiel, para ketua pegawai Rumah Allah, memberikan kepada para imam 2,600 ekor korban Paskah dan tiga ratus ekor lembu. ⁹ Konanya dan kedua-dua saudaranya, yaitu Semaya dan Netaneel, juga Hasabya, Yeiel, dan Yozabad, para pemimpin bani Lewi,

menyumbangkan 5,000 ekor korban Paskah dan 500 ekor lembu kepada bani Lewi.

¹⁰ Setelah ibadat disiapkan, berdirilah para imam di tempat mereka, juga bani Lewi menurut regu mereka selaras dengan perintah raja.

¹¹ Korban Paskah disembelih dan para imam memercikkan darah yang diterima mereka daripada bani Lewi, dan bani Lewi menguliti korban. ¹² Mereka menyisihkan korban bakaran untuk diberikan kepada kaum awam menurut pembahagian kaum keluarga mereka, supaya dipersembahkan kepada Tuhan seperti yang tertulis dalam kitab Musa. Demikian jugalah dilakukan terhadap lembu-lembu. ¹³ Mereka memanggang korban Paskah di atas api selaras dengan peraturan yang ditetapkan, manakala segala persembahan suci direbus mereka di dalam periuk, kualii, dan belanga. Kemudian mereka cepat-cepat membawanya kepada seluruh kaum awam. ¹⁴ Setelah itu, mereka menyediakannya bagi diri mereka sendiri dan bagi para imam, kerana para imam keturunan Harun sibuk mempersembahkan korban bakaran serta lemak sampai malam. Jadi, bani Lewi menyediakannya bagi diri mereka dan bagi para imam keturunan Harun. ¹⁵ Para penyanyi, iaitu

bani Asaf, ada di tempat mereka selaras dengan perintah Daud, Asaf, Heman, dan Yedutun, pelihat raja itu. Para penjaga pintu gerbang ada di setiap pintu gerbang. Mereka tidak perlu meninggalkan tugas mereka kerana saudara-saudara mereka, bani Lewi, menyediakannya bagi mereka. ¹⁶ Demikianlah seluruh ibadat bagi Tuhan disiapkan pada hari itu untuk merayakan Paskah dan untuk mempersembahkan korban bakaran di atas mazbah Tuhan selaras dengan perintah Raja Yosia. ¹⁷ Pada waktu itu orang Israel yang hadir merayakan Paskah dan Perayaan Roti Tidak Beragi selama tujuh hari. ¹⁸ Paskah seperti itu belum pernah dirayakan di Israel sejak zaman Nabi Samuel. Tiada raja Israel yang pernah merayakan Paskah seperti yang dirayakan Yosia bersama-sama para imam, bani Lewi, semua orang Yehuda dan orang Israel yang hadir, serta penduduk Yerusalem. ¹⁹ Paskah itu dirayakan pada tahun kelapan belas zaman pemerintahan Yosia.

Raja Yosia dibunuh oleh Raja Nekho

²⁰ Sesudah semua itu, ketika Bait Allah telah diperlengkap oleh Yosia, majulah Nekho, raja Mesir, untuk berperang di Karkemis, di tepi

Sungai Efrat. Yosia pun keluar menghadapinya.

²¹ Tetapi Nekho mengirim utusan kepadanya dengan pesan, “Apakah urusanmu dengan aku, wahai raja Yehuda? Pada hari ini aku tidak bermaksud menyerang engkau, melainkan menyerang keluarga orang yang sedang kuperangi. Allah menyuruh aku bertindak cepat. Berhentilah menentang Allah yang menyertaiiku, supaya jangan engkau dibinasakan-Nya.”

²² Namun demikian, Yosia tidak mahu berpaling daripadanya, malah menyamar untuk berperang melawannya. Dia tidak mengendahkan perkataan Nekho yang berasal daripada Allah, malah pergi berperang di Lembah Megido.

²³ Raja Yosia tertembak oleh para pemanah, lalu katanya kepada para pegawainya, “Bawalah aku dari sini, kerana aku terluka parah!”

²⁴ Maka para pegawainya mengangkatnya dari ratanya, meletakkannya di dalam ratanya yang kedua lantas membawanya ke Yerusalem. Dia meninggal, lalu dimakamkan di permakaman leluhurnya. Yehuda dan Yerusalem berkabung kerana Yosia.

²⁵ Yeremia mengarang sebuah syair ratapan tentang Yosia. Sampai hari ini semua penyanyi lelaki dan perempuan menyebut-nyebut Yosia dalam syair ratapan mereka. Hal itu menjadi adat

di Israel. Sesungguhnya, semua itu tertulis dalam nyanyian ratapan.

²⁶ Riwayat Yosia yang selebihnya dan segala perbuatan baiknya, selaras dengan yang tertulis dalam hukum Tuhan, ²⁷ iaitu riwayatnya dari awal sampai akhir, sesungguhnya semua itu tertulis dalam kitab raja-raja Israel dan Yehuda.

Raja Yoahas

36 ¹ Rakyat negeri itu kemudian menjemput Yoahas anak Yosia dan menobatkan dia menjadi raja di Yerusalem menggantikan ayahnya. ² Yoahas berumur dua puluh tiga tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama tiga bulan di Yerusalem. ³ Raja Mesir menggulingkannya di Yerusalem, dan mendenda negeri itu sebanyak seratus talenta perak dan satu talenta emas. ⁴ Lalu raja Mesir menobatkan Elyakim, saudara Yoahas, menjadi raja atas Yehuda dan Yerusalem, dan mengganti namanya menjadi Yoyakim. Akan tetapi Yoahas, saudaranya, diambil Nekho dan dibawa ke Mesir.

Raja Yoyakim

⁵ Yoyakim berumur dua puluh lima tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia

bertakhta selama sebelas tahun di Yerusalem. Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, Allahnya. ⁶ Kemudian Nebukadnezar, raja Babel, maju menyerangnya dan membelenggunya dengan rantai gangsa untuk dibawa ke Babel. ⁷ Nebukadnezar juga membawa sebahagian daripada alat kelengkapan Bait Tuhan ke Babel dan menaruhnya di kuil dewanya di Babel. ⁸ Riwayat Yoyakim yang selebihnya, segala kekejian yang dilakukannya dan kesalahan yang terdapat padanya, sesungguhnya semua itu tertulis dalam kitab raja-raja Israel dan Yehuda. Maka Yoyakhin, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Yoyakhin

⁹ Yoyakhin berumur lapan belas tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama tiga bulan sepuluh hari di Yerusalem. Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan. ¹⁰ Pada pergantian tahun, Raja Nebukadnezar menyuruh agar Yoyakhin dibawa ke Babel berserta dengan segala alat kelengkapan yang indah-indah dari Bait Tuhan. Lalu dia menobatkan Zedekia,

saudara ayah Yoyakhin, menjadi raja atas Yehuda dan Yerusalem.

Raja Zedekia

¹¹ Zedekia berumur dua puluh satu tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia bertakhta selama sebelas tahun di Yerusalem. ¹² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan, Allahnya, dan tidak merendahkan diri di hadapan Nabi Yeremia yang menyampaikan firman Tuhan.

¹³ Lalu dia memberontak melawan Raja Nebukadnezar yang telah menyuruh dia bersumpah setia demi Allah. Dia menegarkan tengkuknya, mengeraskan hatinya, dan tidak mahu berbalik kepada Tuhan, Allah Israel. ¹⁴ Juga semua pemimpin daripada kalangan imam dan rakyat berbuat banyak kemungkarannya dengan mengikuti segala kekejian bangsa-bangsa lain. Mereka menajiskan Bait Tuhan yang telah disucikan-Nya di Yerusalem.

Runtuhnya kerajaan Yehuda

¹⁵ Tuhan, Allah nenek moyang mereka, terus-menerus mengirim pesan kepada mereka dengan perantaraan utusan-utusan-Nya, kerana Dia sayang kepada umat-Nya dan kepada

tempat kediaman-Nya. ¹⁶ Akan tetapi, mereka mengolok-olokkan utusan-utusan Allah itu, meremehkan firman-Nya, dan mengejek nabi-nabi-Nya sehingga murka Tuhan bangkit terhadap umat-Nya dan tidak mungkin lagi ada pemulihan.

¹⁷ Dia membawa raja Kasdim kepada mereka, lalu raja itu membunuh orang muda mereka dengan pedang di Bait Suci mereka, dan tidak ada belas kasihan terhadap semua pemuda, gadis, orang yang tua atau renta. Allah menyerahkan mereka semua ke dalam tangannya. ¹⁸ Segala alat kelengkapan Rumah Allah, baik besar mahupun kecil, perbendaharaan rumah Tuhan, serta perbendaharaan raja dan para pembesarnya, semuanya dibawanya ke Babel. ¹⁹ Mereka membakar Rumah Allah dan merobohkan tembok Yerusalem. Semua purinya dibakar habis dan segala alat kelengkapannya yang berharga dimusnahkan. ²⁰ Kemudian raja itu membuang orang yang terselamat daripada pedang ke Babel. Mereka menghamba kepadanya dan kepada anak-anaknya sampai kerajaan Parsi berkuasa. ²¹ Dengan demikian genaplah firman Tuhan yang disampaikan oleh Yeremia, sampai negeri

36:17: Yer 21:1-10; 34:1-5. **36:19:** 1Raj 9:8.

36:21: Yer 25:11; 29:10.

itu menikmati tahun-tahun Sabatnya. Selama masa ketandusannya, negeri itu menjalani Sabat, sampai genap tujuh puluh tahun.

Orang buangan diizinkan pulang

²² Pada tahun pertama zaman pemerintahan Kores, raja Parsi, Tuhan menggerakkan hati Kores, raja Parsi itu, untuk memenuhi firman Tuhan yang disampaikan oleh Yeremia. Lantas raja itu menuliskan perisytiharan dan menyiarkannya di seluruh kerajaannya. Demikianlah bunyinya:

²³ “Beginilah titah Kores, raja Parsi, ‘Tuhan, Allah semesta langit, mengurniakan segala kerajaan di bumi kepadaku dan Dia menugaskan aku untuk membina sebuah bait bagi-Nya di Yerusalem, di Tanah Yehuda. Sesiapa pun umat-Nya antara kamu, semoga Tuhan, Allahnya menyertainya, dan biarlah dia kembali.’ ”

EZRA

Raja Kores melepaskan orang buangan pulang

1 ¹ Pada tahun pertama zaman pemerintahan Kores, raja Parsi, Tuhan menggerakkan hati Kores, raja Parsi itu, untuk memenuhi firman Tuhan yang disampaikan oleh Yeremia. Lantas raja itu menulis perisytiharan dan menyiarkannya di seluruh kerajaannya. Demikianlah bunyinya:

² “Beginilah titah Kores, raja Parsi, ‘Tuhan, Allah semesta langit, mengurniakan segala kerajaan di bumi kepadaku dan Dia menugaskan aku untuk membina sebuah bait bagi-Nya di Yerusalem, di Tanah Yehuda. ³ Sesiapa pun umat-Nya antara kamu, semoga Allahnya menyertainya. Biarlah dia pergi ke Yerusalem di Tanah Yehuda dan membina Bait Tuhan, Allah Israel, Allah yang bersemayam di Yerusalem. ⁴ Setiap umat-Nya yang masih hidup, di mana-mana sahaja dia tinggal sebagai pendatang, hendaklah disokong oleh penduduk setempat dengan perak dan emas, harta

benda dan ternakan, di samping persembahkan sukarela bagi Rumah Allah di Yerusalem.”

⁵ Kemudian ketua keluarga kaum bani Yehuda dan bani Benyamin serta imam dan bani Lewi, yaitu semua orang yang digerakkan hati oleh Allah, bersiap-siaplah untuk pergi dan membina Bait Tuhan di Yerusalem. ⁶ Semua orang di sekitar mereka membantu mereka dengan bekal berupa barang-barang perak dan emas, harta dan ternakan, serta benda-benda berharga, selain segala sesuatu yang dipersembahkan dengan sukarela.

⁷ Raja Kores juga mengeluarkan segala wadah bagi Bait Tuhan yang dahulunya dibawa pergi oleh Nebukadnezar dari Yerusalem dan yang kemudian disimpannya di dalam kuil tuhannya. ⁸ Semuanya dikeluarkan oleh Kores, raja Parsi, melalui Mitredat, bendahara negara, yang menghitungnya lalu diberikan kepada Sesbazar, pembesar bani Yehuda. ⁹ Inilah daftarnya:

30 batil emas,
1,000 batil perak,
29 bilah pisau,
¹⁰ 30 mangkuk emas,
410 mangkuk perak
dan 1,000 wadah jenis lain.

¹¹ Jumlah semua wadah emas dan perak itu ialah 5,400 buah. Kesemuanya dibawa oleh

Sesbazar ketika orang buangan pulang dari Babel ke Yerusalem.

Nama orang buangan yang kembali

2¹ Inilah warga wilayah Yehuda yang pulang dari tempat penawanan, iaitu warga yang dahulunya dibuang negeri ke Babel oleh Nebukadnezar, raja Babel. Mereka kembali ke Yerusalem serta ke Tanah Yehuda, ke kota masing-masing.² Mereka datang bersama-sama Zerubabel, Yesua, Nehemia, Seraya, Reelaya, Mordekhai, Bilsan, Mispar, Bigwai, Rehum, dan Baana.

Ini senarai warga orang Israel:

³ bani Paros, 2,172 orang;

⁴ bani Sefaca, 372 orang;

⁵ bani Arah, 775 orang;

⁶ bani Pahat-Moab, daripada keturunan Yesua dan Yoab, 2,812 orang;

⁷ bani Elam, 1,254 orang;

⁸ bani Zatu, 945 orang;

⁹ bani Zakai, 760 orang;

¹⁰ bani Bani, 642 orang;

¹¹ bani Bebai, 623 orang;

¹² bani Azgad, 1,222 orang;

¹³ bani Adonikam, 666 orang;

¹⁴ bani Bigwai, 2,056 orang;

¹⁵ bani Adin, 454 orang;

- ¹⁶ bani Ater, daripada Hizkia, 98 orang;
¹⁷ bani Bezai, 323 orang;
¹⁸ bani Yora, 112 orang;
¹⁹ bani Hasum, 223 orang;
²⁰ bani Gibar, 95 orang;
²¹ bani Betlehem, 123 orang;
²² orang Netofa, 56 orang;
²³ orang Anatot, 128 orang;
²⁴ bani Azmawet, 42 orang;
²⁵ bani Kiryat-Arim, Kefira, dan Beerot, 743
orang;
²⁶ bani Rama dan Geba 621 orang;
²⁷ orang Mikhmas, 122 orang;
²⁸ orang Betel dan Ai, 223 orang;
²⁹ bani Nebo, 52 orang;
³⁰ bani Magbis, 156 orang;
³¹ bani Elam yang lain, 1,254 orang;
³² bani Harim, 320 orang;
³³ bani Lod, Hadid, dan Ono, 725 orang;
³⁴ bani Yerikho, 345 orang;
³⁵ bani Senaa, 3,630 orang.
³⁶ Para imam:
bani Yedaya, daripada keturunan kaum Yesua,
973 orang;
³⁷ bani Imer, 1,052 orang;
³⁸ bani Pasyhur, 1,247 orang;
³⁹ bani Harim, 1,017 orang.
⁴⁰ Orang Lewi:

bani Yesua dan Kadmiel, daripada keturunan Hodawya, 74 orang.

⁴¹ Penyanyi:

bani Asaf, 128 orang.

⁴² Keturunan penjaga pintu gerbang:

bani Salum, bani Ater, bani Talmon, bani Akub, bani Hatita, bani Sobai, semuanya 139 orang.

⁴³ Hamba Bait Allah:

bani Ziha, bani Hasufa, bani Tabaot, ⁴⁴ bani Keros, bani Siaha, bani Padon, ⁴⁵ bani Lebana, bani Hagaba, bani Akub, ⁴⁶ bani Hagab, bani Samlai, bani Hanan, ⁴⁷ bani Gidel, bani Gahar, bani Reaya, ⁴⁸ bani Rezin, bani Nekoda, bani Gazam, ⁴⁹ bani Uza, bani Paseah, bani Besai, ⁵⁰ bani Asna, bani Meunim, bani Nefusim, ⁵¹ bani Bakbuk, bani Hakufa, bani Harhur, ⁵² bani Bazlut, bani Mehida, bani Harsa, ⁵³ bani Barkos, bani Sisera, bani Temah, ⁵⁴ bani Neziah, bani Hatifa.

⁵⁵ Keturunan hamba Salomo:

bani Sotai, bani Soferet, bani Peruda, ⁵⁶ bani Yaala, bani Darkon, bani Gidel, ⁵⁷ bani Sefaca, bani Hatil, bani Pokheret-Hazebaim, bani Ami.

⁵⁸ Jumlah seluruh hamba Bait Allah dan keturunan hamba Salomo ialah 392 orang.

⁵⁹ Orang yang berikut datang dari Tel-Melah, Tel-Harsa, Kerub, Adan, dan Imer, tetapi mereka tidak dapat menunjukkan bahawa kaum keluarga dan zuriat mereka keturunan daripada bangsa Israel:

⁶⁰ bani Delaya, bani Tobia, bani Nekoda, 652 orang.

⁶¹ Daripada keturunan imam:
bani Habaya, bani Hakos, dan bani Barzilai (orang ini memperisteri seorang anak perempuan Barzilai, orang Gilead itu, lalu dia dinamai menurut nama keluarga itu).

⁶² Mereka ini mencari catatan nama mereka dalam daftar salasilah tetapi tidak menemukannya. Oleh sebab itu mereka dinyatakan cemar untuk jawatan imam. ⁶³ Pembesar memerintahkan mereka supaya jangan makan daripada persembahan teramat suci sampai ada imam yang memegang Urim dan Tumim.

⁶⁴ Jadi, jumlah seluruh jemaah itu ialah 42,360 orang, ⁶⁵ belum termasuk hamba mereka baik lelaki mahupun perempuan yang berjumlah 7,337 orang. Mereka mempunyai 200 orang penyanyi lelaki dan perempuan. ⁶⁶ Kuda mereka berjumlah 736 ekor, baghal mereka 245 ekor,

⁶⁷ unta mereka 435 ekor, dan keldai mereka 6,720 ekor.

⁶⁸ Sesampainya mereka di Rumah Tuhan, iaitu di Yerusalem, beberapa orang ketua keluarga memberikan persembahan sukarela untuk membina Rumah Allah di tempatnya semula.

⁶⁹ Mereka menyumbangkan sekadar kemampuan mereka untuk perbendaharaan pekerjaan itu sebanyak 61,000 dirham emas, 5,000 mina perak, dan 100 helai tunik imam.

⁷⁰ Maka imam, bani Lewi, sebahagian daripada rakyat, penyanyi, penjaga pintu gerbang, dan hamba Bait Allah menetap di kota-kota mereka. Semua orang Israel pun menetap di kota mereka.

Pembinaan semula mazbah

3 ¹ Dengan ketibaan bulan ketujuh, berkumpullah orang Israel yang menetap di kota-kota sebagai umat yang bersatu di Yerusalem. ² Yesua anak Yozadak berserta para saudaranya, para imam itu, dan Zerubabel anak Sealtiel berserta para saudaranya, segera mendirikan mazbah Allah Israel untuk mempersembahkan korban bakaran di atasnya, sebagaimana yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa,

hamba Allah itu. ³ Mazbah itu didirikan mereka di tempatnya semula sungguhpun mereka berasa takut kepada bangsa-bangsa negeri itu. Lalu di atas mazbah itu mereka mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan, iaitu korban bakaran untuk pagi dan juga petang. ⁴ Mereka juga menyambut Perayaan Pondok Daun, sebagaimana yang tertulis, dan mempersembahkan korban bakaran harian menurut jumlah yang ditetapkan dalam peraturan bagi setiap harinya. ⁵ Setelah itu, mereka mempersembahkan korban bakaran yang tetap, korban pada Bulan Baru, korban pada setiap perayaan yang suci bagi Tuhan, dan korban daripada setiap orang yang memberikan persembahan sukarela kepada Tuhan. ⁶ Sejak hari pertama pada bulan ketujuh, mereka mula mempersembahkan korban bakaran kepada Tuhan. Namun begitu, asas Bait Suci Tuhan masih belum diletakkan.

⁷ Oleh sebab itu mereka memberikan wang kepada tukang batu dan tukang kayu, juga memberikan makanan, minuman, serta minyak kepada orang Sidon dan Tirus, supaya mereka membawa kayu araz dari Lebanon ke laut dekat

Yope^f, menepati keizinan yang diberikan kepada mereka oleh Kores, raja Parsi.

Peletakan asas Bait Allah

⁸ Pada tahun kedua setelah mereka sampai di Rumah Allah di Yerusalem, tepatnya dalam bulan kedua, Zerubabel anak Sealtiel dan Yesua anak Yozadak berserta saudara-saudara mereka yang selebihnya, iaitu imam, bani Lewi, dan semua orang yang pulang dari tempat penawanan ke Yerusalem, memulai pekerjaan itu. Mereka menugaskan bani Lewi yang berumur dua puluh tahun ke atas untuk mengawasi pekerjaan di Bait Tuhan. ⁹ Yesua dengan anak-anak dan saudara-saudaranya, juga Kadmiel dengan anak-anaknya, juga anak-anak Yehuda, mengawasi mereka yang melaksanakan pekerjaan di Rumah Allah. Demikian jugalah bani Henadad dengan anak-anak dan saudara-saudara mereka, iaitu bani Lewi.

¹⁰ Ketika jurubina meletakkan asas Bait Suci Tuhan, tampillah para imam dengan pakaian istiadat mereka sambil membawa nafiri, manakala bani Lewi daripada bani Asaf pula membawa gembereng dengan tujuan untuk

^f**3:7** Nama lain Yope ialah Yafo.

memuji Tuhan menurut petunjuk Daud, raja Israel. ¹¹ Kemudian mereka menyanyi secara berbalas-balasan sambil memuji dan mengucap syukur kepada Tuhan:

“Kerana Dia baik,
kasih-Nya kekal selama-lamanya terhadap
Israel.”

Seluruh rakyat bersorak-sorai dengan suara yang nyaring sambil memuji Tuhan, kerana asas Bait Tuhan telah diletakkan. ¹² Akan tetapi, antara imam, bani Lewi, dan ketua kaum keluarga, iaitu tua-tua yang pernah melihat bait terdahulu, banyak yang menangis dengan suara nyaring ketika peletakan asas itu dilaksanakan di hadapan mata mereka. Ada ramai orang pula yang bersorak-sorai dengan suara nyaring kerana gembira. ¹³ Orang tidak dapat membezakan lagi antara bunyi sorak-sorai kegembiraan dengan bunyi tangisan umat, kerana umat bersorak dengan suara nyaring sehingga bunyinya kedengaran sampai di tempat yang jauh.

Menghalang kerja-kerja pembinaan

4 ¹ Apabila musuh bani Yehuda dan bani Benyamin mendengar bahawa umat yang

3:11: 1Taw 16:34; 2Taw 5:13; 7:3; Mzm 100:5; 106:1; 107:1; 118:1; 136:1; Yer 33:11.

pulang daripada pembuangan itu sedang membina Bait Suci bagi Tuhan, Allah Israel, ² mereka pun mendekati Zerubabel dan ketua kaum keluarga lalu berkata, “Biarlah kami turut serta dalam kerja-kerja pembinaan itu bersama-sama kamu, kerana kami juga beribadat kepada Allahmu sama seperti kamu. Kami juga telah mempersembahkan korban kepada-Nya sejak zaman Esarhadon, raja Asyur yang membawa kami ke sini.”

³ Tetapi Zerubabel, Yesua, dan para ketua kaum keluarga Israel yang lain berkata kepada mereka, “Kamu tidak ada kena-mengena dengan kami dalam urusan pembinaan bait bagi Allah kami. Kami sendirilah yang akan membinanya bagi Tuhan, Allah Israel, sebagaimana yang diperintahkan kepada kami oleh Kores, raja Parsi itu.

⁴ Maka penduduk negeri itu mematahkan semangat orang Yehuda dan sering mengganggu kalangan umat yang menjalankan kerja-kerja pembinaan itu. ⁵ Sepanjang zaman pemerintahan Kores, raja Parsi, sehingga pemerintahan Darius, raja Parsi, mereka mengupah penasihat untuk menentang umat itu demi menggagalkan usaha pembinaan itu.

⁶ Sewaktu zaman pemerintahan Ahasyweros, mereka menulis surat tuduhan terhadap penduduk Yehuda dan Yerusalem.

⁷ Pada zaman Artahsasta pula, Bislam, Mitredat, Tabeel, dan rakan mereka yang lain menulis sepucuk surat kepada Artahsasta, raja Parsi. Naskah surat itu ditulis dengan huruf Aram dan diterjemahkan ke dalam bahasa Aram.

⁸ Seajar dengan itu, penguasa Rehum, dan jurutulis Simsai, menulis sepucuk surat tentang Yerusalem kepada Raja Artahsasta, yang menyatakan seperti berikut:

⁹ Daripada penguasa Rehum, dan jurutulis Simsai, serta rakan-rakannya yang lain, iaitu hakim, pembesar, pegawai, orang Parsi, orang Erekh, orang Babel, orang Susan iaitu orang Elam, ¹⁰ juga bangsa-bangsa lain yang dibuang oleh Asnapar yang agung dan mulia itu lalu ditempatkan di Kota Samaria dan di daerah lain di seberang Sungai Efrat.

¹¹ (Inilah salinan surat yang dikirim mereka kepadanya.)

Kepada Raja Artahsasta daripada hamba-hamba tuanku, kalangan umat di daerah di seberang Sungai Efrat.

¹² Dimaklumkan kepada Raja bahawa orang Yahudi yang berangkat dari kerajaan Tuanku ke tempat kami, telah tiba di Yerusalem. Mereka

sedang membina kembali kota yang derhaka dan jahat itu. Temboknya sudah selesai dibina oleh mereka dan asasnya sedang digali oleh mereka. ¹³ Semoga Raja maklum bahawa jika kota itu dibangunkan semula dan temboknya selesai dikerjakan, pastilah kalangan itu tidak akan membayar cukai, ufti atau bea sehingga terjejaslah pendapatan kerajaan. ¹⁴ Oleh sebab rezeki kami datangnya daripada istana dan tidak patut bagi kami melihat maruah Raja tercela, maka kami mengirim pesan ini untuk memberitahukan hal ini kepada Raja. ¹⁵ Semoga penyiasatan dalam babad nenek moyang tuanku diadakan. Dalam babad itu tuanku akan mengetahui bahawa kota itu sebuah kota derhaka yang merugikan raja-raja serta wilayah-wilayah, dan bahawa di dalam kota itu pemberontakan sudah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Itulah sebabnya kota itu dimusnahkan. ¹⁶ Kami ingin memaklumkan kepada Raja bahawa sekiranya kota itu siap dibangunkan semula dan temboknya selesai dikerjakan, maka tuanku tidak akan ada lagi milik di daerah seberang Sungai Efrat.”

¹⁷ Kemudian raja mengirim surat balasan:

Kepada penguasa Rehum, jurutulis Simsai, dan rakan-rakan mereka yang lain, yang tinggal di

Samaria dan di daerah lain di seberang Sungai Efrat. Salam!

¹⁸ Surat yang kamu kirim kepada kami sudah dibaca di hadapanku dengan jelas. ¹⁹ Atas perintahku penyiasatan telah diadakan, dan didapati bahawa memang sejak zaman dahulu lagi, kota itu selalu bangkit menentang raja-raja dan bahawa di tempat itu orang melakukan penderhakaan dan pemberontakan. ²⁰ Dahulu ada raja-raja yang berkuasa atas Yerusalem, yang memerintah seluruh daerah di seberang Sungai Efrat, dan cukai, ufti serta bea dibayar kepada mereka itu. ²¹ Oleh sebab itu keluarkanlah perintah untuk menghentikan pekerjaan umat itu, supaya kota itu tidak dibangunkan semula sehingga keluar perintah selanjutnya daripadaku. ²² Awas agar jangan kamu lalaikan hal ini. Mengapakah kerosakan itu harus semakin besar sehingga merugikan raja-raja?"

²³ Setelah salinan surat Raja Artahsasta dibaca di depan Rehum, jurutulis Simsai, serta rakan mereka, berangkatlah mereka dengan segera ke Yerusalem untuk menemui orang Yahudi lalu menghentikan kerja-kerja pembinaan umat itu dengan paksa.

²⁴ Demikianlah terhentinya kerja-kerja membina Rumah Allah di Yerusalem itu, dan terus terhenti sehingga tahun kedua dalam pemerintahan Darius, raja Parsi.

Pembinaan semula Bait Allah dimulai lagi

5 ¹ Maka bernubuatlah dua orang nabi, iaitu Nabi Hagai dan Nabi Zakharia anak Ido, kepada orang Yahudi yang tinggal di Yehuda dan di Yerusalem dengan nama Allah Israel, yang menaungi mereka. ² Lalu bangkitlah Zerubabel anak Sealtiel dan Yesua anak Yozadak untuk memulakan pembinaan semula Rumah Allah di Yerusalem. Mereka disertai dan disokong oleh kedua-dua orang nabi Allah itu.

³ Namun demikian, pada masa itu juga, mereka didatangi oleh Tatnai, pembesar daerah seberang Sungai Efrat, berserta Syetar-Boznai, dan rakan-rakan mereka. Beginilah kata mereka, “Siapakah yang memberikan perintah kepadamu untuk membina Bait ini dan menyelesaikan pembinaan ini?” ⁴ Mereka juga bertanya, “Siapakah nama kumpulan orang yang mendirikan bangunan ini?” ⁵ Namun begitu, mata Allah mereka tertuju kepada tua-tua orang Yahudi, sehingga mereka

4:24: Hag 1:1; Za 1:1. **5:1:** Hag 1:1; Za 1:1.

5:2: Hag 1:12; Za 4:6-9.

tidak dikerah untuk menghentikan kerja sampai laporan diterima oleh Darius dan kemudian dibalas dengan kiriman surat jawapan tentang hal itu.

⁶ Inilah salinan surat kepada Raja Darius yang dikirim oleh Tatnai, pembesar wilayah seberang Sungai, berserta Syetar-Boznai dan para rakannya, iaitu para pembesar yang tinggal di daerah seberang Sungai Efrat.

⁷ Tertulis sedemikian di dalam surat yang dikirim oleh mereka kepada Raja itu:

“Kepada Raja Darius.

Salam sejahtera! ⁸ Semoga Raja maklum bahawa kami telah pergi ke wilayah Yehuda, ke Bait Allah Yang Maha Besar. Bait itu sedang dibina dengan batu yang besar-besar, dan tembok-temboknya dilapisi dengan kayu. Pekerjaan itu dikerjakan dengan saksama dan berjalan lancar dalam tangan mereka.

⁹ Kemudian kami berbicara dengan tua-tua itu dan bertanya kepada mereka, ‘Siapakah yang memerintahkan kamu untuk membina bait ini dan menyelesaikan tembok ini?’ ¹⁰ Kami juga bertanya kepada mereka nama mereka serta mencatat nama kalangan yang mengetuai mereka agar kami dapat menyampaikannya kepada tuanku.

¹¹ Beginilah jawapan yang diberikan mereka kepada kami, ‘Kami hamba Allah semesta langit dan bumi, dan kami sedang membina semula bait yang telah dibina bertahun-tahun yang lampau. Seorang raja Israel yang agung dahulu membina dan menyelesaikannya.

¹² Akan tetapi, kerana bangkitnya kemurkaan Allah semesta langit terhadap nenek moyang kami, maka Dia menyerahkan mereka ke dalam tangan Nebukadnezar, raja Babel, orang Kasdim, yang kemudian memusnahkan bait itu dan membuang bangsa itu ke Babel. ¹³ Tetapi Kores, raja Babel, memberikan perintah pada tahun pertama pemerintahannya agar Rumah Allah ini dibina semula. ¹⁴ Bahkan segala kelengkapan emas dan perak daripada Rumah Allah, yang dahulunya diambil oleh Nebukadnezar dari Bait Suci di Yerusalem dan yang kemudiannya dibawa ke dalam kuil di Babel, seluruhnya diambil oleh Raja Kores dari kuil di Babel dan diserahkan kepada seorang bernama Sesbazar, yang diangkatnya menjadi pembesar. ¹⁵ Titah raja kepadanya, “Ambillah segala kelengkapan ini. Pergilah, letaklah kesemuanya di Bait Suci di Yerusalem, dan biarlah Rumah Allah dibina

5:12: 2Raj 25:8-12; 2Taw 36:17-20; Yer 52:12-15.

5:13: Ezr 1:2-11.

semula di tempat asalnya.”¹⁶ Selanjutnya Sesbazar datang dan meletakkan asas Rumah Allah di Yerusalem. Maka sejak masa itu sampai sekarang, bait itu dibina tetapi belum selesai.’

¹⁷ Sekarang, jika diperkenan oleh Raja, adakanlah suatu carian di dalam perbendaharaan diraja di Babel, sama ada Raja Kores pernah memberikan perintah untuk membina semula Rumah Allah di Yerusalem itu. Kemudian sudilah Raja menyampaikan kehendaknya tentang hal tersebut kepada kami.”

6¹ Setelah itu, Raja Darius mengeluarkan perintah lalu carian dibuat di dalam perbendaharaan, tempat tersimpannya perbendaharaan di Babel. ² Maka di Ahmeta, di dalam istana di wilayah Media itu dijumpai segulungan naskhah yang tertulis sedemikian di dalamnya:

“Piagam. ³ Pada tahun pertama dalam zaman pemerintahan Raja Kores, raja memberikan perintah mengenai Rumah Allah di Yerusalem:

Biarlah bait itu dibina semula sebagai tempat mempersembahkan korban, dan biarkan asasnya diletakkan dengan teguh. Hendaklah ketinggiannya enam puluh hasta dan lebarnya enam puluh hasta ⁴ dengan tiga lajur batu yang besar-besar dan satu lajur

kayu. Hendaklah pembiayaannya ditanggung oleh perbendaharaan raja. ⁵ Juga, segala alat kelengkapan daripada emas dan perak milik Rumah Allah yang dahulunya diambil oleh Nebukadnezar dari Bait Suci di Yerusalem lalu dibawa ke Babel, hendaklah dikembalikan dan dibawa pulang ke tempat asalnya semula iaitu di Bait Suci di Yerusalem. Hendaklah kamu meletakkan setiap kelengkapan di tempatnya di dalam Rumah Allah itu.”

⁶ “Oleh yang demikian,

wahai Tatnai, pembesar daerah seberang Sungai Efrat, serta Syetar-Boznai dan para rakanmu, iaitu para penghulu yang tinggal di daerah seberang Sungai Efrat, jauhkan diri dari sana. ⁷ Biarkanlah pembinaan Rumah Allah itu dikerjakan. Biarkanlah pembesar orang Yahudi dan tua-tua orang Yahudi membina semula Rumah Allah itu di tempat asalnya. ⁸ Tambahan pula, dengan ini aku memberikan perintah tentang bagaimana kamu harus membantu tua-tua orang Yahudi itu membina semula Bait Allah itu: perbelanjaan mereka itu hendaklah dibiayai sepenuhnya daripada perbendaharaan kerajaan tanpa berlengah, iaitu cukai yang terpengut dari daerah seberang Sungai Efrat. ⁹ Apa-apa sahaja yang diperlukan mereka, iaitu anak lembu, domba jantan, dan anak domba

sebagai korban bakaran untuk dipersembahkan kepada Allah semesta langit, juga gandum, garam, air anggur, dan minyak zaitun, menurut petunjuk para imam di Yerusalem, hendaklah diberikan kepada mereka setiap hari tanpa lalai, ¹⁰ supaya mereka dapat mempersembahkan korban yang diperkenan Allah semesta langit dan mendoakan kesejahteraan raja serta anak-anak lelakinya. ¹¹ Selanjutnya, aku juga memerintahkan bahawa sekiranya ada sesiapa yang mengingkari perintah ini, maka sebatang tiang hendaklah dicabut dari rumahnya lalu orang itu diangkat serta disulakan di atas tiang itu. Selain itu, hendaklah rumahnya dijadikan tempat menimbuni kotoran atas sebab perbuatannya itu. ¹² Semoga Allah, yang telah membuat nama-Nya bersemayam di sana, menjatuhkan mana-mana raja atau orang yang mengingkari perintah ini dan menghancurkan Rumah Allah di Yerusalem itu. Aku, Darius, memberikan perintah ini. Hendaklah perintah ini dilaksanakan tepat mengikut setiap perkataannya.”

Pekerjaan selesai dan Bait Allah ditakdiskan

¹³ Kemudian Tatnai, pembesar daerah seberang Sungai Efrat, berserta Syetar-Boznai dan para rakan mereka melaksanakan perintah Raja

Darius itu dengan saksama. ¹⁴ Para tua-tua orang Yahudi pun meneruskan pembinaan itu dengan baik, di bawah sokongan nubuat Nabi Hagai dan Zakharia anak Ido. Mereka terus membina dan menyelesaikan bait itu menurut perintah Allah Israel, serta menurut ketetapan para raja Parsi, iaitu Kores, Darius, dan Artahsasta. ¹⁵ Maka selesailah pembinaan semula bait itu pada hari ketiga pada bulan Adar, dalam tahun keenam pemerintahan Raja Darius.

¹⁶ Kemudian orang Israel, para imam, bani Lewi, dan semua yang lain yang pulang daripada pembuangan merayakan perasmian Rumah Allah itu dengan gembira. ¹⁷ Untuk perasmian Rumah Allah itu mereka mempersembahkan seratus ekor lembu jantan, dua ratus ekor domba jantan, dan empat ratus ekor anak domba, serta dua belas ekor kambing jantan sebagai korban penghapus dosa bagi semua orang Israel, menurut jumlah suku Israel. ¹⁸ Mereka melantik secara rasmi para imam menurut regu mereka dan bani Lewi menurut regu mereka untuk beribadat kepada Allah yang bersemayam di Yerusalem, seperti yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa.

Perayaan Hari Paskah

¹⁹ Kalangan umat yang pulang daripada pembuangan itu merayakan Hari Paskah pada hari keempat belas pada bulan pertama. ²⁰ Para imam dan bani Lewi bersama-sama menyucikan diri, sehingga sucilah mereka semua. Kemudian bani Lewi menyembelih korban Paskah bagi semua yang pulang daripada pembuangan, bagi saudara-saudara mereka, iaitu para imam, dan bagi diri mereka sendiri. ²¹ Orang Israel yang kembali daripada pembuangan memakan korban itu, demikian juga semua orang yang meninggalkan segala kenajisan penduduk di negeri itu dan bergabung dengan mereka untuk beribadat kepada Tuhan, Allah Israel. ²² Mereka juga merayakan Hari Perayaan Roti Tidak Beragi selama tujuh hari dengan sukacita, kerana Tuhan telah membuat mereka bersukacita dan mengubah hati raja Asyur terhadap mereka, sehingga dia membantu mereka dalam pekerjaan membina semula Rumah Allah yakni Allah Israel.

Ketibaan Ezra

7 ¹ Setelah peristiwa-peristiwa itu, pada masa pemerintahan Artahsasta, raja Parsi,

tampilah Ezra anak Seraya, anak Azarya, anak Hilkia, ² anak Salum, anak Zadok, anak Ahitub ³ anak Amarya, anak Azarya, anak Merayot, ⁴ anak Zerahya, anak Uzi, anak Buki, ⁵ anak Abisua, anak Pinehas, anak Eleazar, anak Harun, ketua imam itu.

⁶ Ezra berangkat pulang dari Babel. Dia seorang ahli Kitab Suci, mahir dalam Kitab Suci Taurat yang diberikan Tuhan, Allah Israel, melalui Musa. Segala permintaannya diluluskan oleh raja kerana tangan Tuhan, Allahnya, menaunginya.

⁷ Pada tahun ketujuh zaman pemerintahan Raja Artahsasta, serombongan orang daripada orang Israel, imam dan bani Lewi, penyanyi, penjaga pintu gerbang, serta hamba Bait Allah juga berangkat pulang menuju Yerusalem. ⁸ Ezra tiba di Yerusalem pada bulan kelima dalam tahun ketujuh zaman pemerintahan raja itu. ⁹ Pada hari pertama bulan pertama itu dia memulakan perjalanannya dari Babel, dan pada hari pertama pada bulan kelima sampailah dia di Yerusalem, kerana tangan Allahnya yang baik menaunginya.

¹⁰ Ezra memang telah menetapkan hatinya untuk mengkaji hukum Tuhan, mengamalkannya, dan mengajarkan ketetapan serta peraturan kepada orang Israel.

¹¹ Inilah salinan surat yang diberikan Raja Artahsasta kepada Imam Ezra, ahli Kitab Suci

Taurat, ahli dalam hal ehwal perintah dan ketetapan Tuhan bagi orang Israel.

¹² “Artahsasta, raja segala raja. Kepada Imam Ezra, ahli Taurat Allah semesta langit.

¹³ Aku memberikan perintah bahawa sesiapa daripada orang Israel di seluruh jajahan pemerintahanku, termasuk para imamnya atau bani Lewi, dan yang ingin pergi ke Yerusalem, bolehlah pergi bersama-samamu. ¹⁴ Engkau diutus oleh raja dan ketujuh-tujuh orang penasihatnya untuk menyelidiki Yehuda dan Yerusalem menurut hukum Allahmu yang ada padamu. ¹⁵ Bawalah perak dan emas yang diberikan oleh raja dan para penasihatnya sebagai persembahan sukarela kepada Allah Israel, Allah yang bersemayam di Yerusalem.

¹⁶ Bawa juga segala perak dan emas yang akan kauperoleh di seluruh wilayah Babel, bersama dengan persembahan sukarela yang akan diberikan rakyat dan para imam untuk Bait Allah^g mereka yang ada di Yerusalem.

¹⁷ Pergunakanlah wang itu dengan saksama untuk membeli lembu-lembu jantan yang muda, domba-domba jantan, serta anak-anak domba dengan persembahan bahan makanan dan persembahan minumannya. Persembahkanlah

^g7:16 Atau: Rumah Allah.

semua itu di atas mazbah dalam bait Allahmu di Yerusalem. ¹⁸ Dalam hal perak dan emas yang selebihnya, lakukanlah apa yang baik menurut nurani engkau dan para saudaramu, selaras dengan kehendak Allahmu. ¹⁹ Sampaikanlah ke hadirat Allah di Yerusalem segala kelengkapan yang diserahkan kepadamu untuk ibadat di bait Allahmu. ²⁰ Jika ada hal lain yang diperlukan untuk bait Allahmu dan yang pembayarannya menjadi tanggunganmu, bayarkanlah daripada perbendaharaan kerajaan.

²¹ Aku, Raja Artahsasta, memberikan perintah kepada semua bendahara di daerah seberang Sungai Efrat: Hendaklah disediakan dengan saksama apa-apa pun yang diminta daripada kamu oleh Imam Ezra, ahli Taurat Allah semesta langit itu ²² sehingga jumlah sebanyak 100 talenta perak, 100 kor gandum, 100 bat anggur, 100 bat minyak, dan garam yang tidak terhad banyaknya. ²³ Apa-apa sahaja yang difirmankan oleh Allah semesta langit, laksanakanlah dengan tepat demi Bait Allah semesta langit, supaya jangan sampai kemurkaan-Nya menimpa pemerintahan raja dan anak-anaknya. ²⁴ Tambahan pula, dengan ini kami memberitahumu bahawa tidak boleh dikenakan cukai, ufti atau bea kepada sesiapa sahaja daripada para imam, bani Lewi,

penyanyi, penjaga pintu gerbang, pelayan Bait Suci, dan pekerja Rumah Allah itu.

²⁵ Dan kau, wahai Ezra, menurut hikmah Allahmu yang ada padamu, hendaklah kamu melantik para hakim dan para ahli hukum yang akan menghakimi seluruh rakyat di daerah seberang Sungai Efrat, iaitu semua orang yang mengetahui hukum Allahmu. Hendaklah kamu mengajar kesemua umat yang tidak mengetahuinya. ²⁶ Sesiapa pun yang enggan mematuhi hukum Allahmu dan undang-undang raja hendaklah dijatuhi hukuman dengan segera, iaitu hukuman mati, buang negeri, penyitaan harta, atau pemenjaraan.”

²⁷ Segala puji bagi Tuhan, Allah nenek moyang kita, yang telah meletakkan hal seperti ini dalam hati raja sehingga dia mahu mengembalikan keindahan Bait Tuhan di Yerusalem, ²⁸ dan yang telah memanjangkan ihsan kepadaku di hadapan raja, para penasihatnya, dan semua pembesar raja yang berkuasa! Maka aku pun menguatkan hati, lantaran tangan Tuhan, Allahku, menaungi aku. Lalu kukumpulkan beberapa orang pemimpin daripada kalangan orang Israel untuk berangkat pulang bersama-samaku.

Salasilah umat yang pulang bersama-sama Ezra

8¹ Inilah para ketua kaum keluarga dan salasilah orang yang berangkat pulang bersama-samaku dari Babel pada zaman pemerintahan Raja Artahsasta:

² Gersom, daripada bani Pinehas.

Daniel, daripada bani Itamar.

Hatus, daripada bani Daud ³ – Hatus ialah anak Sekhanya.

Zakharia, daripada bani Paros, bersama-sama 150 orang lelaki lain yang tercatat dalam salasilah.

⁴ Elyo'enai anak Zerahya, daripada bani Pahat-Moab, bersama-sama 200 orang lelaki lain.

⁵ Sekhanya anak Yahaziel, daripada bani Zatu, bersama-sama 300 orang lelaki lain.

⁶ Ebed anak Yonatan, daripada bani Adin, bersama-sama 50 orang lelaki lain.

⁷ Yesaya anak Atalya, daripada bani Elam, bersama-sama 70 orang lelaki lain.

⁸ Zebaja anak Mikhail, daripada bani Sefaca, bersama-sama 80 orang lelaki lain.

⁹ Obaja anak Yehiel, daripada bani Yoab, bersama-sama 218 orang lelaki lain.

¹⁰ Selomit anak Yosifya, daripada bani Bani, bersama-sama 160 orang lelaki lain.

- ¹¹ Zakharia anak Bebai, daripada bani Bebai, bersama-sama 28 orang lelaki lain.
- ¹² Yohanan anak Hakatan, daripada bani Azgad, bersama-sama 110 orang lelaki lain.
- ¹³ Elifelet, Yehiel, dan Semaya, Daripada bani Adonikam yang datang kemudian, bersama-sama 60 orang lelaki lain.
- ¹⁴ Utai dan Zabud, daripada bani Bigwai, bersama-sama 70 orang lelaki lain.

Persiapan perjalanan

¹⁵ Aku menghimpunkan mereka di tepi sungai yang mengalir ke Ahawa, dan kami berkhemah di sana selama tiga hari. Ketika aku memeriksa para imam serta umat itu kudapati tiada seorang pun bani Lewi dalam kalangan umat itu. ¹⁶ Maka aku menyuruh orang untuk memanggil Eliezer, Ariel, Semaya, Elnatan, Yarib, Elnatan, Natan, Zakharia, dan Mesulam, iaitu barisan pemimpin, serta pengajar iaitu Yoyarib dan Elnatan. ¹⁷ Aku memberi mereka arahan untuk menemui Ido, ketua di daerah Kasifya dan aku memberitahu mereka apa yang harus dikatakan kepada Ido dan para saudaranya yang bertanggungjawab atas daerah Kasifya supaya mereka membawa orang kepada kami para penyelenggara ibadat untuk Bait Allah kami. ¹⁸ Lantaran tangan Allah kami yang baik itu menaungi kami, maka mereka

membawa seorang yang berbudi bicara daripada bani Mahli anak Lewi anak Israel, iaitu Serebya bersama-sama 18 orang yang terdiri daripada para anak dan saudaranya; ¹⁹ juga Hasabya dan Yesaya daripada bani Merari berserta 20 orang yang terdiri daripada para saudaranya dan anak-anak mereka; ²⁰ serta para hamba Bait Allah yang dikhususkan oleh Daud dan para pembesar untuk melayani bani Lewi, kesemuanya 220 orang yang dicatatkan menurut nama masing-masing.

²¹ Lalu di tepi Sungai Ahawa itu aku mengisytiharkan puasa (bagi anggota rombongan) agar kami merendahkan diri di hadapan Allah kami dan memohon kepada-Nya jalan yang aman bagi kami, anak-anak kami, serta segala harta benda kami. ²² Sebabnya aku malu meminta daripada raja agar kami dibantu pasukan askar dan orang berkuda untuk menghadapi musuh di jalan, kerana kami telah berkata kepada raja, "Tangan Allah kami penuh kemurahan bagi semua orang yang mencari hadirat-Nya, tetapi kuasa-Nya dan kemurkaan-Nya menimpa semua orang yang meninggalkan-Nya." ²³ Jadi, kami berpuasa dan memohon seperti itu kepada Allah kami, dan Dia mengabulkan permohonan kami.

²⁴ Kemudian aku mengasingkan dua belas orang daripada imam yang terkemuka berserta

Serebya, Hasabya, dan sepuluh orang daripada kalangan saudara mereka. ²⁵ Aku menimbangkan dan menyerahkan kepada mereka perak, emas, dan pelbagai wadah dan kelengkapan, iaitu persembahan khusus bagi Bait Allah kami yang diberikan oleh raja, para penasihatnya, para pembesarnya, dan semua orang Israel yang hadir di situ. ²⁶ Aku menimbangkan bagi mereka 650 talenta perak, 100 talenta kelengkapan perak, 100 talenta emas, ²⁷ 20 cawan emas berharga satu ribu dirham, dan dua wadah gangsa yang berkilat dan indah yang bernilai sama seperti emas.

²⁸ Aku pun berkata kepada mereka, “Kamu ditahbiskan untuk Tuhan, dan segala kelengkapan ini juga suci. Perak dan emas itu persembahan sukarela kepada Tuhan, Allah nenek moyangmu. ²⁹ Awasi dan jagalah kesemuanya sampai kamu menimbangnyanya di depan para ketua imam, bani Lewi, dan para pemimpin kaum keluarga orang Israel di Yerusalem, di dalam bilik-bilik Bait Tuhan.” ³⁰ Lalu para imam dan bani Lewi menerima hantaran perak, emas, dan segala kelengkapan yang telah ditimbang itu untuk dibawa ke Yerusalem, ke Bait Allah kami.

Ketibaan di Yerusalem

³¹ Pada hari kedua belas pada bulan pertama, kami berangkat dari Sungai Ahawa menuju Yerusalem. Tangan Allah kami melindungi dan menyelamatkan kami daripada serangan mengejut angkara para musuh serta penyamun di jalan. ³² Setelah sampai di Yerusalem kami pun berehat di sana selama tiga hari. ³³ Pada hari keempat, perak, emas, dan pelbagai kelengkapan itu ditimbang di dalam Bait Allah kami dan diserahkan kepada Imam Meremot anak Uria serta Eleazar anak Pinehas dan bersama-sama mereka ialah bani Lewi, yaitu Yozabad anak Yesua dan Noaja anak Binui. ³⁴ Keseluruhan hantaran itu dihitung dan ditimbang, lalu jumlah timbangannya dicatat pada masa itu juga.

³⁵ Para warga yang kembali daripada pembuangan, yaitu mereka yang pulang daripada tempat penawanan, mempersembahkan kepada Allah Israel korban bakaran berupa lembu jantan sejumlah dua belas ekor untuk semua orang Israel, domba jantan sejumlah sembilan puluh enam ekor, anak domba sejumlah tujuh puluh tujuh ekor, dan kambing jantan sejumlah dua belas ekor sebagai korban penghapus dosa. Semua itu korban bakaran yang dipersembahkan kepada Tuhan. ³⁶ Mereka juga menyampaikan

surat perintah raja kepada para wakil raja dan para pembesar daerah seberang Sungai Efrat, sehingga orang itu pun menyokong umat dan Rumah Allah.

Ezra mengaku dosa orang Israel dalam doa

9¹ Setelah selesainya semua itu, aku didatangi para pemimpin lalu mereka berkata, “Para warga Israel, para imam, dan bani Lewi tidak memisahkan diri daripada penduduk negeri ini, iaitu bani Kanaan, bani Het, bani Feris, bani Yebus, bani Amon, bani Moab, orang Mesir, dan orang Amori, serta segala perbuatan keji yang dilakukan oleh mereka.”² Warga orang Israel mengambil isteri daripada anak perempuan mereka itu bagi diri mereka dan bagi anak-anak mereka, sehingga benih yang suci sudah bercampur dengan bangsa-bangsa negeri ini. Bahkan para pemimpin dan para pegawailah yang lebih dahulu banyak melakukan kemungkaran ini.”³ Apabila aku terdengar perkara itu, aku mengoyakkan pakaianku dan jubahku, dan aku merenggut-renggut rambut kepalaku dan janggutku, lalu aku duduk dalam keadaan tertegun.⁴ Maka semua orang yang gementar akan firman Allah Israel itu pun berkumpul di sekelilingku kerana kemungkaran

orang buangan itu. Aku sendiri duduk tertegun sampai waktu persembahan petang.

⁵ Pada waktu persembahan petang, aku bangkit dan berhenti merendahkan diri. Lalu dengan pakaian dan jubah terkoyak, aku sujud bertelut dan menadahkan tangan kepada Tuhan, Allahku. ⁶ Kataku, “Ya Allahku, aku malu dan berasa beraib. Naik merah muka yang cuba kutengadahkan kepada-Mu, Allahku, atas sebab kedurjanaan kami meningkat hingga mengatasi kepala kami dan kesalahan kami menanjak ke langit. ⁷ Sejak zaman nenek moyang kami sampai hari ini sangatlah besar kesalahan kami. Kerana kedurjanaan kami itu, kami bersama-sama raja-raja dan para imam kami telah diserahkan ke dalam tangan raja berbagai-bagai negeri, kepada mata pedang, penawanan, perampasan, dan perbuatan mengaibkan seperti yang terjadi pada hari ini. ⁸ Tetapi sekarang, buat sepintas lalu sahaja, belas kasihan yang ditunjukkan Tuhan, Allah kami, membolehkan kami ada kalangan terselamat dan yang memberi kami kedudukan teguh di tempat-Nya yang suci. Dengan demikian, Allah kami membuat mata kami berseri-seri dan memberi kami sedikit kelegaan dalam perhambaan kami. ⁹ Sememangnya kami hamba, namun kami tidak ditinggalkan oleh Allah kami. Ditunjukkan-Nya kasih abadi kepada

kami di hadapan raja-raja Parsi sehingga kami diberi kelegaan untuk menegakkan kembali puing-puingnya, dan kami diberi tembok pelindung di Tanah Yehuda serta di Yerusalem.

¹⁰ Dan kini, ya Allah kami, apakah lagi yang dapat kami katakan setelah segala hal itu? Memang kami telah mengabaikan perintah-perintah-Mu, ¹¹ yang Kauberikan dengan perantaraan hamba-hamba-Mu, para nabi, dengan berfirman, 'Negeri yang kamu masuki untuk kamu duduki itu sebuah negeri yang cemar oleh kecemaran bangsa-bangsa negeri itu. Mereka memenuhi negeri itu dengan kenajisan dari hujung ke hujung dengan segala amalan keji mereka. ¹² Oleh itu, jangan berikan anak-anak perempuanmu untuk menjadi isteri anak-anak lelaki mereka, dan jangan ambil anak-anak perempuan mereka untuk menjadi isteri anak-anak lelakimu. Jangan ikhtiarkan kesejahteraan dan kekayaan mereka sama sekali untuk selama-lamanya, supaya kamu menjadi kuat, menikmati hasil yang baik daripada negeri itu, dan mewariskannya kepada anak-anakmu untuk selama-lamanya.' ¹³ Setelah segala yang menimpa kami akibat perbuatan kami yang jahat dan kesalahan kami yang besar – sementara

Engkau, ya Allah kami, tidak menghukum kami setimpal dengan kesalahan kami dan masih mengurniai kami sebanyak orang yang terselamat ini – ¹⁴ patutkah kami melanggar perintah-Mu lagi dan berkahwin dengan bangsa-bangsa yang mengamalkan perbuatan-perbuatan keji ini? Tidakkah Engkau akan marah kepada kami sehingga kami dihabiskan tanpa ada lagi yang tersisa atau terselamat? ¹⁵ Ya Tuhan, Allah Israel, Engkaulah yang benar! Namun begitu, kami masih ditinggalkan sebagai baki orang yang terselamat, seperti yang terjadi pada hari ini. Lihatlah, kami menghadap hadirat-Mu dengan kesalahan kami, meskipun tidak ada yang tahan berdiri di hadapan-Mu kerana hal ini.”

Ezra bertindak terhadap kahwin percampuran

10 ¹ Sementara Ezra berdoa dan mengaku dosa, menangis dan bersujud di hadapan Rumah Allah, berkumpullah di sekelilingnya orang Israel yang terdiri daripada lelaki, perempuan, dan anak-anak dalam jumlah yang sangat besar. Umat itu pun menangis tersedu-sedu. ² Lalu Sekhanya anak Yehiel daripada bani Elam berkata kepada Ezra, “Kami telah berbuat mungkar terhadap Allah kita kerana kami telah memperisteri perempuan asing daripada bangsa-bangsa negeri ini. Tetapi

sekarang masih ada harapan bagi orang Israel sehubungan dengan hal ini. ³ Oleh sebab itu biarlah kami mengikat perjanjian dengan Allah kita, bahawa kami akan mengusir semua isteri kami beserta anak-anak yang dilahirkan mereka, selaras dengan nasihat tuan dan orang yang gementar akan perintah Allah kita. Biarlah hal itu dilaksanakan menurut hukum Taurat. ⁴ Bangunlah, kerana hal ini tugas tuan. Kami akan menyertai tuan. Kuatkanlah hati tuan dan bertindaklah.”

⁵ Ezra bangkit lalu menyuruh ketua imam, bani Lewi, dan semua orang Israel bersumpah bahawa mereka akan berbuat seperti yang telah dikatakan tadi. Maka bersumpahlah mereka. ⁶ Kemudian Ezra beranjak dari depan Rumah Allah dan pergi ke bilik Yohanan anak Elyasib. Di sana pun ia tidak makan roti atau minum air kerana dia berkabung atas kemungkaran orang buangan itu.

⁷ Lalu di seluruh Yehuda dan di Yerusalem diumumkanlah kepada semua orang yang pulang daripada pembuangan agar mereka berkumpul di Yerusalem. ⁸ Sesiapa sahaja yang tidak datang dalam waktu tiga hari, maka menurut keputusan para pemimpin dan tua-tua, segala harta bendanya akan disita dan dia sendiri akan dibuang negeri dan terusir daripada jemaah yang

pulang daripada pembuangan. ⁹ Maka dalam waktu tiga hari berkumpullah semua orang Yehuda dan Benyamin di Yerusalem, tepatnya pada hari kedua puluh pada bulan kesembilan. Seluruh rakyat duduk di halaman Rumah Allah sambil menggigil kerana perkara itu dan juga kerana hujan lebat.

¹⁰ Kemudian Imam Ezra berdiri dan berkata kepada mereka, “Kamu telah berbuat mungkar. Kamu telah memperisteri perempuan asing sehingga kesalahan orang Israel bertambah-tambah. ¹¹ Maka sekarang, buatlah pengakuan kepada Tuhan, Allah nenek moyangmu, dan lakukanlah apa yang menjadi kehendak-Nya. Pisahkanlah dirimu daripada bangsa-bangsa negeri ini dan daripada perempuan-perempuan asing.”

¹² Seluruh jemaah itu menjawab dengan suara nyaring, “Ya, kami wajib melakukan apa yang tuan katakan. ¹³ Namun begitu, rakyat ini besar jumlahnya dan pada masa ini hujan lebat. Kami tidak kuat lagi berdiri di luar. Apatah lagi ini bukan pekerjaan satu dua hari, kerana kami telah melakukan pelanggaran yang besar dalam hal ini. ¹⁴ Biarlah para pemimpin kami mewakili seluruh jemaah. Kemudian biarlah semua orang di kota-kota kami yang memperisteri perempuan asing datang menghadap pada waktu-waktu

tertentu bersama-sama para tua-tua dan para hakim setiap kota, sampai murka Allah kita yang menyala-nyala kerana hal ini dijauhkan daripada kami.”¹⁵ Hanya Yonatan anak Asael dan Yahzeyya anak Tikwa yang tetap menentang perkara itu. Mereka disokong oleh Mesulam dan Sabetai, seorang Lewi.

¹⁶ Warga yang pulang daripada pembuangan pun bersedia melaksanakannya. Imam Ezra pun memilih beberapa orang ketua keluarga, masing-masing menurut kaum keluarga mereka dan dengan disebutkan nama mereka. Pada hari pertama pada bulan kesepuluh mereka duduk untuk menyiasat hal itu,¹⁷ dan pada hari pertama pada bulan pertama urusan mengenai semua orang yang memperisteri perempuan asing itu telah diselesaikan mereka.

¹⁸ Antara keturunan imam didapati beberapa orang yang memperisteri perempuan asing, iaitu:

Daripada bani Yesua anak Yozadak dan saudara-saudaranya:

Maaseya, Eliezer, Yarib, dan Gedalya.

¹⁹ Mereka membuat persetujuan untuk mengusir isteri mereka. Kerana kesalahan mereka itu, mereka mempersembahkan seekor domba jantan daripada kawanan domba sebagai korban penebus kesalahan.

- ²⁰ Daripada bani Imer:
Hanani dan Zebaja.
- ²¹ Daripada bani Harim:
Maaseya, Elia, Semaya, Yehiel, dan Uzia.
- ²² Daripada bani Pasyhur:
Elyoenai, Maaseya, Ismael, Netaneel,
Yozabad, dan Elasa.
- ²³ Daripada kalangan Lewi:
Yozabad, Simei, Kelaya (Kelita), Petahya,
Yehuda, dan Eliezer.
- ²⁴ Daripada para penyanyi:
Elyasib.
- Daripada kalangan penjaga pintu gerbang:
Salum, Telem, dan Uri.
- ²⁵ Sementara daripada orang Israel yang lain,
iaitu:
- Daripada bani Paros:
Ramyah, Yeziyah, Malkiah, Miyamin, Eleazar,
Malkiah, dan Benayah.
- ²⁶ Daripada bani Elam:
Matanyah, Zakharia, Yehiel, Abdi, Yeremot,
dan Elia.
- ²⁷ Daripada bani Zatu:
Elyo'enai, Elyasib, Matanyah, Yeremot, Zabad,
dan Azizah.
- ²⁸ Daripada bani Bebai:
Yohanan, Hananyah, Zabai, dan Atlai.
- ²⁹ Daripada bani Bani:

Mesulam, Malukh, Adaya, Yasub, Seal, dan Yeramot.

³⁰ Daripada bani Pahat-Moab:

Adna, Kelal, Benaya, Maaseya, Matanya, Bezaleel, Binui, dan Manasye.

³¹ Daripada bani Harim:

Eliezer, Yisia, Malkia, Semaya, dan Simeon,
³² juga Benyamin, Malukh, dan Semarya.

³³ Daripada bani Hasum:

Matnai, Matata, Zabad, Elifelet, Yeremai, Manasye, dan Simei.

³⁴ Daripada bani Bani:

Maadai, Amram, dan Uel, ³⁵ juga Benaya, Bedeya, Keluhu, ³⁶ Wanya, Meremot, Elyasib, ³⁷ Matanya, Matnai, dan Yaasai.

³⁸ Daripada bani Binui:

Simei, ³⁹ juga Selemya, Natan, Adaya, ⁴⁰ Makhnadbai, Sasai, Sarai, ⁴¹ Azareel, Selemya, Semarya, ⁴² Salum, Amarya, dan Yusuf.

⁴³ Daripada bani Nebo:

Yeiel, Matica, Zabad, Zebina, Yadai, Yo'el, dan Benaya.

⁴⁴ Mereka semua telah mengambil isteri daripada kalangan perempuan asing, dan sebahagian daripada isteri mereka itu telah memberi mereka anak.

NEHEMIA

Doa Nehemia bagi orang Israel

1 ¹ Nehemia anak Hakhalya meriwayatkan: Pada bulan Kislew tahun kedua puluh, ketika aku berada di kubu kota Susan, ² datanglah Hanani, salah seorang saudaraku, bersama-sama beberapa orang dari Yehuda. Aku bertanya kepada mereka tentang orang Yahudi yang berjaya bolos, yang terselamat setelah pembuangan mereka, dan tentang Yerusalem. ³ Kata mereka kepadaku, “Saki-baki orang yang masih tinggal di wilayah sana, yang terselamat setelah pembuangan berada dalam kesusahan besar dan dalam keadaan tercela. Apatah lagi, tembok Yerusalem telah dirobuhkan dan pintu-pintu gerbangnya musnah dijilat api.” ⁴ Sebaik sahaja mendengar perkataan itu, duduklah aku lantas menangis dan berkabung selama beberapa hari.

Aku berpuasa dan berdoa di hadapan Allah semesta langit, ⁵ kataku, “Ya Tuhan, Allah semesta langit, Allah yang besar dan teramat hebat, yang berpegang teguh pada perjanjian-Nya serta kasih abadi-Nya terhadap

orang yang mencintai-Nya dan menuruti segala perintah-Nya, ⁶ semoga telinga-Mu mendengar dan mata-Mu terbuka untuk mendengar doa hamba-Mu yang sekarang kupanjatkan di hadapan-Mu siang dan malam bagi orang Israel, para hamba-Mu. Aku mengaku bahawa kami, orang Israel, termasuk aku dan seisi keluargaku,^h telah berdosa terhadap Engkau. ⁷ Teramat fasiq kelakuan kami terhadap Engkau, dan kami tidak berpegang teguh pada segala perintah, segala ketetapan, dan segala peraturan yang telah Kausampaikan melalui hamba-Mu iaitu Musa. ⁸ Ingatlah firman yang telah Kauperintahkan kepada Musa, hamba-Mu, 'Jika kamu berbuat mungkar, maka Aku akan menyelerakkan kamu antara bangsa lain. ⁹ Tetapi jika kamu kembali kepada-Ku dan berpegang teguh pada segala perintah-Ku serta melakukannya, maka sekalipun orangmu yang terbuang ada di hujung langit, Aku akan mengumpulkan mereka dari sana dan membawa mereka ke tempat yang telah Kupilih untuk membuat nama-Ku bersemayam di sana.' ¹⁰ Mereka ini ialah para hamba-Mu dan umat-Mu yang telah Kautebus dengan kuasa-Mu yang besar dan dengan kekuatan-Mu. ¹¹ Ya

^h**1:6** Harfiah: Nenek moyangku.

1:8: Im 26:33. **1:9:** Ul 30:1-5.

Tuhan, semoga telinga-Mu mendengar doa hamba-Mu ini dan doa para hamba-Mu yang rela menghormati nama-Mu. Berikanlah kejayaan kepada hamba-Mu hari ini dan kurniakanlah belas ihsan kepadanya di hadapan orang ini.”

Pada waktu itu aku menjadi jururasa santapan raja.

Nehemia diutus ke Yerusalem

2¹ Maka pada bulan Nisan dalam tahun kedua puluh pemerintahan Raja Artahsasta, aku mengangkat air anggur yang tersaji di hadapan baginda dan menyampaikannya kepada raja. Belum pernah aku kelihatan murung di hadapan baginda, ² sehingga raja berkata kepadaku, “Mengapakah murung mukamu, padahal engkau tidak sakit? Tentulah engkau sedang bersusah hati!”

Aku pun menjadi sangat takut. ³ Kataku kepada raja, “Hidup raja selama-lamanya! Bagaimanakah muka hamba tidak murung sedangkan kota tempat pemakaman nenek moyang hamba telah rosak dan pintu-pintu gerbangnya hangus dijilat api?”

⁴ Tanya raja kepadaku, “Apakah yang ingin kamu minta?” Aku berdoa kepada Allah semesta langit

⁵ lalu berkata kepada raja, “Jika baik menurut raja dan jika tuanku berkenan kepada hambamu ini, utuslah hamba ke Tanah Yehuda, ke kota tempat pemakaman nenek moyang hamba, supaya hamba dapat membina semula kota itu.”

⁶ Tanya raja kepadaku, sementara permaisuri duduk di samping baginda, “Berapa lamakah perjalananmu nanti, dan bilakah engkau kembali?” Raja berkenan mengutus aku, maka aku pun menyampaikan suatu tempoh tertentu kepadanya.

⁷ Aku berkata kepada raja, “Jika baik menurut raja, berilah hamba surat pengantar bagi para pembesar di seberang Sungai Efrat, supaya mereka mengizinkan hamba melalui kawasan mereka sehingga hamba tiba di Tanah Yehuda; ⁸ juga sepucuk surat untuk Asaf, pengawas hutan raja, supaya dia memberi hamba kayu untuk membuat segala galang bagi pintu-pintu gerbang puri Bait Suci, bagi tembok kota, dan bagi rumah yang akan hamba diami.” Raja mengabulkan permintaanku kerana tangan Allahku yang baik menaungi aku.

⁹ Sesampainya aku di seberang Sungai Efrat, surat-surat pengantar daripada raja kuserahkan kepada para pembesar. Selain itu raja pun telah menyuruh para panglima tentera dan pasukan berkuda menyertai aku. ¹⁰ Ketika hal itu didengar

oleh Sanbalat, orang Horon, dan Tobia, seorang pegawai bangsa Amon, bahawa ada orang yang datang untuk mengusahakan agar orang Israel beroleh kesejahteraan, mereka sangat tidak suka.

Ketibaan Nehemia di Yerusalem

¹¹ Kemudian sampailah aku di Yerusalem, lalu berada di situ selama tiga hari. ¹² Setelah itu, aku bangun malam-malam dengan beberapa orang. Aku tidak memberitahu seorang pun rancangan apa yang ditaruh Allahku dalam hatiku untuk Yerusalem. Haiwan yang ada padaku hanyalah haiwan yang kutungguangi itu.

¹³ Pada waktu malam aku keluar melalui Pintu Gerbang Lembah ke arah Air Pancut Naga dan ke Pintu Gerbang Sampah. Aku memeriksa tembok-tembok Yerusalem yang roboh serta pintu-pintu gerbangnya yang hangus dijilat api.

¹⁴ Lalu aku berjalan terus ke Pintu Gerbang Air Pancut dan ke Kolam Raja, tetapi ruang laluananya tidak cukup bagi haiwan tungganganku. ¹⁵ Jadi, pada malam itu naiklah aku dari lembah untuk memeriksa tembok itu. Kemudian aku kembali lagi, masuk melalui Pintu Gerbang Lembah, lalu pulang.

¹⁶ Para pegawai tidak tahu ke mana aku pergi atau apa yang telah kulakukan. Sampai masa itu aku belum menguar-uarkan tugas itu kepada

orang Yahudi, baik kepada imam, mahupun kepada bangsawan, pegawai, dan kalangan selebihnya yang kelak melaksanakan pekerjaan itu. ¹⁷ Aku berkata kepada mereka, “Kamu lihat kesusahan yang kita alami, bagaimana Yerusalem rosak dan pintu-pintu gerbangnya hangus dijilat api. Mari kita bina semula tembok Yerusalem supaya kita tidak lagi menjadi bahan cacian.” ¹⁸ Kemudian, aku menceritakan kepada mereka bagaimana tangan Allahku yang baik menaungi aku dan juga hal yang dikatakan raja kepadaku.

Mereka pun menyahut, “Marilah kita bangkit dan siap untuk membina semula!” Lalu mereka menyediakan diri demi mencurahkan tenaga untuk pekerjaan yang baik itu.

¹⁹ Tetapi ketika Sanbalat, orang Horon, juga Tobia, orang Amon, si pegawai itu, dan orang Arab itu iaitu Gesyem, mendengar hal itu, mereka mengolok-olokkan dan menghina kami. Kata mereka, “Apakah yang kamu lakukan itu? Adakah kamu mahu memberontak menentang raja?”

²⁰ Aku menjawab mereka dengan berkata, “Allah semesta langit, Dialah yang akan membuat kami berhasil. Kami, para hamba-Nya, akan bangkit dan siap untuk membina semula. Tetapi kamu tidak mempunyai bahagian atau hak atau

sesuatu pun yang akan membuat kamu diingat di Yerusalem.”

Peserta yang terlibat dalam pembinaan tembok

3¹ Imam Besar Elyasib bersama dengan saudara-saudaranya, para imam, segera membina semula Pintu Gerbang Domba. Mereka menyucikannya dan memasang pintu-pintunya sampai sejauh Menara Mea dan Menara Hananeel.

² Di sebelah mereka orang Yerikho membina; dan di sebelah orang Yerikho Zakur anak Imri membina.

³ Pintu Gerbang Ikan dibina oleh bani Senaa. Mereka meletakkan galang-galangnya dan memasang pintu-pintunya serta pengancing-pengancing dan palang-palangnya.

⁴ Di sebelah mereka Meremot anak Uria anak Hakos menjalankan kerja-kerja perbaikan, manakala di sebelah Meremot pula ialah Mesulam anak Berekhya anak Mesezabeel dan seterusnya Zadok anak Baana juga menjalankan kerja-kerja perbaikan.

⁵ Di sebelah Zadok kalangan Tekoa menjalankan kerja-kerja perbaikan, tetapi kaum bangsawan mereka tidak mahu berganding bahu demi berkhidmat kepada para pemimpin mereka.

⁶ Pintu Gerbang Lama diperbaik oleh Yoyada anak Paseah dan Mesulam anak Besoja. Mereka meletakkan galang-galangnya dan memasang segala pintunya berserta pengancing dan palangnya.

⁷ Di sebelah mereka Melaca, orang Gibeon, dan Yadon, orang Meronot, menjalankan kerja pembaikan bersama-sama orang Gibeon dan Mizpa yang berada di bawah bidang kuasa pembesar daerah seberang Sungai Efrat.

⁸ Di sebelah mereka Uziel anak Harhaya, salah seorang tukang emas, menjalankan kerja pembaikan, dan di sebelahnya lagi Hananya, salah seorang tukang campur rempah-rempah, juga menjalankan kerja pembaikan. Mereka memperkukuh Yerusalem sampai ke Tembok Lebar.

⁹ Di sebelah Hananya, Refaya anak Hur iaitu seorang pemimpin bagi separuh daripada daerah Yerusalem, menjalankan kerja pembaikan, ¹⁰ dan di sebelahnya Yedaya anak Harumaf menjalankan kerja pembaikan berhadapan dengan rumahnya. Di sebelahnya pula, Hatus anak Hasabneya menjalankan kerja pembaikan.

¹¹ Malkia anak Harim dan Hasub anak Pahat-Moab memperbaiki bahagian yang lain serta Menara Ketuhar, ¹² manakala di sebelah mereka, Salum anak Haloheh, pemimpin separuh daripada

daerah Yerusalem, menjalankan kerja perbaikan bersama-sama anak-anak perempuannya.

¹³ Hanun dan penduduk Zanoah memperbaiki Pintu Gerbang Lembah. Mereka membinanya semula dan memasang semua pintunya berserta segala pengancing dan palangnya. Mereka juga memperbaiki tembok sepanjang seribu hasta sampai ke Pintu Gerbang Sampah.

¹⁴ Malkia anak Rekhav, pemimpin wilayah Bet-Kerem memperbaiki Pintu Gerbang Sampah dan dia membinanya semula dan memasang semua pintunya berserta segala pengancing dan palangnya.

¹⁵ Salum anak Kolhoze, pemimpin wilayah Mizpa memperbaiki Pintu Gerbang Air Pancut dan dia membinanya semula, membuat atapnya, dan memasang semua pintunya berserta segala pengancing dan palangnya. Dia juga membina tembok Kolam Selah berdekatan dengan taman raja sampai ke tangga yang menurun dari Kota Daud.

¹⁶ Di sampingnya Nehemia anak Azbuk, pemimpin separuh daripada daerah Bet-Zur, menjalankan kerja perbaikan sampai ke tempat di depan pemakaman Daud, ke kolam buatan, dan ke berek para kesateria.

¹⁷ Bersebelahan dengan Nehemia anak Azbuk pula, bani Lewi menjalankan kerja pembaikan di bawah pimpinan Rehum anak Bani.

Kemudian di sebelah mereka Hasabya, pemimpin separuh daripada daerah Kehila, menjalankan kerja pembaikan untuk wilayahnya.

¹⁸ Di sampingnya para saudara mereka di bawah pimpinan Binui anak Henadad, pemimpin separuh daripada daerah Kehila, juga menjalankan kerja pembaikan.

¹⁹ Di sebelah mereka Ezer anak Yesua, pemimpin Mizpa, memperbaiki bahagian yang lain di depan jalan naik ke gudang senjata di bahagian penyangga.

²⁰ Di samping Ezer, Barukh anak Zabai dengan giat memperbaiki bahagian yang lain, dari bahagian penyangga sampai ke pintu rumah Imam Besar Elyasib.

²¹ Di samping Barukh, Meremot anak Uria anak Hakos juga memperbaiki bahagian yang lain, dari pintu masuk Elyasib sampai ke hujung rumah Elyasib.

²² Bersebelahan dengan Meremot, para imam, dari kawasan sekeliling Lembah Yordan pula menjalankan kerja pembaikan.

²³ Selepas mereka, Benyamin dan Hasub menjalankan kerja pembaikan di depan rumah mereka sendiri, lalu disambung oleh Azarya anak

Maaseya anak Ananya yang menjalankan kerja pembaikan di sisi rumahnya sendiri.

²⁴ Di samping Azarya, Binui anak Henadad memperbaiki bahagian yang lain, dari rumah Azarya sampai ke bahagian penyangga dan bahagian penjuru.

²⁵ Palal anak Uzai menjalankan kerja pembaikan berhadapan dengan bahagian penyangga dan di depan menara yang menanjak dari bahagian atas istana raja, dekat Laman Luar Para Pengawal.

Selepasnya, Pedaya anak Paros ²⁶ dan para hamba Bait Allah yang tinggal di Ofel menjalankan kerja pembaikan sampai ke depan Pintu Gerbang Air di sebelah timur, hingga ke menara yang menjulang itu.

²⁷ Di sisi Pedaya pula orang Tekoa memperbaiki bahagian yang lain, dari depan menara besar yang menjulang itu sampai ke tembok Ofel.

²⁸ Di atas Pintu Gerbang Kuda, para imam menjalankan kerja pembaikan di depan rumah masing-masing.

²⁹ Di samping mereka Zadok anak Imer menjalankan kerja pembaikan di berhadapan dengan rumahnya sendiri, lalu di sampingnya Semaya anak Sekhanya, penjaga Pintu Gerbang Timur, juga menjalankan kerja pembaikan.

³⁰ Di sebelah Semaya, Hananya anak Selemya dan Hanun, anak lelaki keenam Zalaf, memperbaiki bahagian yang lain.

Di sisi mereka Mesulam anak Berekhya menjalankan kerja pembaikan berhadapan dengan biliknya.

³¹ Selanjutnya, di samping Mesulam, salah seorang tukang emas iaitu Malkia, menjalankan kerja pembaikan sampai ke rumah para hamba Bait Allah dan para pedagang di depan Pintu Gerbang Perbarisan, sampai ke bilik atas di bahagian penjuru.

³² Di antara bilik atas di bahagian penjuru dengan Pintu Gerbang Domba, para tukang emas dan para pedagang menjalankan kerja pembaikan.

Penentangan terhadap pembinaan semula

4 ¹ Begitu terganggu dan teramat marahlah Sanbalat apabila didengarnya bahawa kami sedang membina semula tembok itu lalu dia mengolok-olokkan orang Yahudi. ² Maka di hadapan saudara-saudaranya dan tentera Samaria dia berkata, “Apalah sangat yang terdaya dilakukan orang Yahudi yang lemah ini? Adakah mereka akan membina semula apa-apa sahaja yang dikehendaki mereka? Adakah mereka mahu mempersembahkan korban? Adakah mereka

akan selesai pada hari ini? Adakah mereka akan menghidupkan kembali batu-batu daripada timbunan puing yang telah terbakar itu?"

³ Tobia, bani Amon yang ada berdekatan dengannya, berkata, "Meskipun mereka membinanya semula, tembok batu mereka itu akan roboh walaupun hanya seekor rubah yang memanjatnya."

⁴ Ya Allah kami, dengarlah bagaimana kami menjadi hinaan. Balikkanlah celaan mereka kepada diri mereka sendiri dan serahkanlah mereka sebagai rampasan di negeri tempat tawanan. ⁵ Janganlah tutup kesalahan mereka dan janganlah hapuskan dosa mereka dari hadapan-Mu, kerana mereka telah membangkitkan murka-Mu di depan pembina yang sedang menjalankan kerja pembinaan itu.

⁶ Kami terus membina semula tembok sehingga seluruh tembok itu siap setakat separuh ketinggiannya, berkat usaha umat yang sememangnya bekerja dengan penuh tekad.

⁷ Namun begitu, apabila Sanbalat, Tobia, orang Arab, bani Amon, dan orang Asdod mendengar perihal kemajuan pesat kerja-kerja pembaikan tembok Yerusalem dan betapa lubang-lubangnya mulai tertutup, maka sangat marahlah mereka.

⁸ Mereka semua bermuafakat bersama untuk datang memerangi Yerusalem dan mengadakan

huru-hara di sana. ⁹ Tetapi kami berdoa kepada Allah kami dan atas sebab sikap mereka itu, kami menjalankan pengawalan siang dan malam.

¹⁰ Sementara itu orang Yehuda berkata, “Kekuatan kalangan yang memikul barang buangan sudah merosot walhal masih ada begitu banyak puing hinggakan kami tidak dapat meneruskan pembinaan semula tembok itu.”

¹¹ Maka para seteru kami pun berkata, “Kita akan datang ke tengah-tengah mereka, membunuh mereka, dan menghentikan pekerjaan itu tanpa mereka ketahui atau sempat melihat kita sebelumnya.” ¹² Orang Yahudi yang tinggal dekat mereka datang dan memberitahu kami sampai sepuluh kali, “Ke mana-mana pun kamu berpaling, mereka akan menyerang kita.” ¹³ Oleh sebab itu kutempatkan umat di bahagian-bahagian terendah di belakang tembok, di tempat-tempat yang terbuka. Aku menempatkan mereka menurut kaum keluarga mereka dengan pedang, tombak, dan panah mereka.

¹⁴ Setelah kuamati, segeralah aku berkata kepada para bangsawan, para pemimpin, dan umat selebihnya, “Jangan takut kepada mereka. Ingatlah kepada Tuhan yang besar dan teramat hebat, dan berperanglah demi para saudaramu, anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan,

isterimu, dan rumahmu.”¹⁵ Ketika musuh kami mendengar bahawa kami sudah mengetahui hal itu dan bahawa Allah telah menggagalkan rancangan mereka, maka kami semua dapat kembali ke tembok dan ke bahagian pekerjaan kami masing-masing.

¹⁶ Sejak hari itu sebahagian daripada anak buahku bekerja dan sebahagian yang lain memegang tombak, perisai, busur panah, serta berbaju zirah, sedangkan para pemimpin menempatkan diri di belakang seluruh keturunan kaum Yehuda¹⁷ yang membina semula tembok. Orang yang memikul serta mengangkut beban melakukan pekerjaannya dengan sebelah tangan sementara sebelah tangan yang lain memegang senjata.¹⁸ Dan setiap pembina yang melaksanakan pembinaan semula menyandang pedang di pinggang masing-masing sambil bekerja, sementara orang yang meniup nafiri ada di sisiku.

¹⁹ Kataku kepada para bangsawan, para pemimpin, dan umat yang selebihnya, “Pekerjaan ini besar dan luas, dan kita terpecar di atas tembok, berjauhan antara satu sama lain.

²⁰ Kalau kamu mendengar bunyi nafiri di suatu tempat, berkumpullah di sana mendapatkan kami. Allah kita akan berperang bagi kita.”

²¹ Demikianlah kami melaksanakan pekerjaan itu

dengan sebahagian daripada orang memegang tombak, dari waktu fajar menyingsing sampai waktu bintang-bintang muncul.

²² Juga pada waktu itu aku berkata kepada rakyat, “Setiap orang dengan anak buahnya harus bermalam di Yerusalem, supaya mereka dapat menjadi penjaga kami pada malam hari dan bekerja pada siang hari.” ²³ Tidak ada daripada kami, baik aku, para saudaraku, anak buahku, mahupun para pengawalku yang sempat menanggalkan pakaian. Setiap orang membawa senjatanya sekalipun sewaktu mengambil air minuman.

Nehemia menghentikan penindasan terhadap kalangan miskin

5 ¹ Timbul pula bantahan keras daripada rakyat biasa dan para isteri mereka terhadap saudara orang Yahudi mereka. ² Ada yang berkata, “Kami memang ramai jika dihitungkan kami bersama-sama kesemua anak lelaki dan perempuan kami. Amat perlu kami mendapat gandum supaya kami dapat makan dan terus hidup.”

³ Ada juga beberapa yang lain yang berkata, “Kami gadaikan ladang, kebun anggur, dan rumah kami demi mendapat gandum selama berlakunya bencana kebuluran.”

⁴ Ada pula yang berkata, “Kami telah meminjam wang untuk membayar cukai yang dikenakan raja atas ladang dan kebun anggur kami. ⁵ Tetapi kini, biarpun kami sedarah daging dengan para saudara kami, dan para anak kami sama dengan para anak mereka, namun kami terpaksa merelakan para anak lelaki dan anak perempuan kami untuk menjadi hamba, bahkan beberapa orang anak perempuan kami sudah diperhamba. Kami tidak berdaya berbuat apa-apa kerana ladang dan kebun anggur kami sudah menjadi milik orang lain.”

⁶ Apabila aku mendengar bantahan mereka dan kata-kata dakwaan ini, aku menjadi sangat marah. ⁷ Setelah mempertimbangkan hal itu, aku berbantah dengan para bangsawan dan para pemimpin. Kataku kepada mereka, “Kamu memungut riba daripada para saudara masing-masing!” Maka kuadakan sidang jemaah yang besar kerana mereka. ⁸ Kataku kepada mereka, “Dengan segala yang termampu oleh kami, telah kami tebus para saudara kita, iaitu orang Yahudi yang dijual kepada bangsa-bangsa lain. Tetapi kamu pula menjual saudara-saudaramu sehingga kami perlu menebus mereka kembali!” Lalu

mereka semua terdiam, tidak dapat menjawab apa-apa.

⁹ Lalu kataku, “Apa yang kamu lakukan itu memang tidak baik! Bukankah kamu patut hidup takut kepada Allah kita untuk menghindari celaan bangsa-bangsa lain yang merupakan musuh kita?

¹⁰ Aku sendiri, para saudaraku, dan anak buahku juga meminjamkan wang serta gandum kepada mereka. Biarlah kita menghapuskan perbuatan menyita gadaian atas hutang itu. ¹¹ Pada hari ini juga, kembalikanlah kepada mereka ladang, kebun anggur, kebun zaitun, dan rumah mereka, juga peratusan wang, gandum, air anggur, dan minyak yang kamu tagih daripada mereka.”

¹² Kata mereka, “Kami akan mengembalikannya dan tidak akan menuntut sesuatu pun daripada mereka. Kami akan berbuat tepat sebagaimana yang tuan katakan.”

Kemudian aku memanggil para imam dan menyuruh kesemua warga itu bersumpah bahawa mereka akan bertindak menurut perjanjian itu. ¹³ Aku juga mengebaskan lipatan bajuku sambil berkata, “Demikianlah akan dikebas Allah dari rumahnya dan daripada hasil jerih lelahnya setiap orang yang tidak menepati perjanjian ini. Demikianlah dia dikebas dan dihampakan.”

Seluruh jemaah berkata, “Amin,” lalu memuji-muji Tuhan. Maka rakyat melakukan sebagaimana yang dijanjikan mereka itu.

Kemurahan hati Nehemia

¹⁴ Sejak aku ditetapkan menjadi pembesar di Tanah Yehuda, iaitu selama dua belas tahun sejak tahun kedua puluh sampai tahun ketiga puluh dua pemerintahan Raja Artahsasta, aku dan para saudaraku tidak pernah makan peruntukan makanan pembesar. ¹⁵ Tetapi dahulunya, para pembesar sebelum aku memang memberatkan beban rakyat. Mereka memungut makanan dan anggur daripada rakyat, selain perak senilai empat puluh syikal. Bahkan anak buah mereka bermaharajalela atas rakyat. Tetapi aku tidak mahu berbuat demikian kerana aku takut kepada Allah. ¹⁶ Aku juga mencurahkan tenaga dalam kerja-kerja pembinaan semula tembok itu. Kami tidak membeli sebidang tanah pun, dan semua anak buahku dikerahkan ke sana untuk melaksanakan pekerjaan itu. ¹⁷ Ada seratus lima puluh pemimpin serta warga orang Yahudi yang kujamu di mejaku, selain mereka yang datang kepada kami daripada bangsa-bangsa di sekeliling kami. ¹⁸ Makanan yang harus disediakan setiap hari ialah seekor lembu dan enam ekor domba pilihan. Beberapa ekor burung

juga disediakan bagiku dan setiap sepuluh hari dibekalkan berbagai-bagai jenis air anggur yang begitu banyak. Sungguhpun demikian, aku langsung tidak menuntut peruntukan makanan pembesar kerana rakyat ini sudah memikul tanggungan yang memang teramat berat.

¹⁹ Ya Allahku, ingatlah aku demi kesejahteraanku, selaras dengan segala yang kulakukan demi bangsa ini.

Tembok dibina seterusnya dan Nehemia diancam

6 ¹ Apabila Sanbalat, Tobia, dan Gesyem, orang Arab itu, serta musuh-musuh kami selebihnya mendengar bahawa aku telah membina semula tembok sehingga tidak ada lagi lubang – biarpun pada ketika itu pintu-pintu gerbangnya belum lagi kupasang, ² maka Sanbalat dan Gesyem mengutus orang kepadaku dengan pesan, “Mari kita mengadakan pertemuan di salah sebuah kampung di Lembah Ono.” Tetapi mereka berniat mencederakan aku. ³ Jadi, kukirim beberapa utusan kepada mereka dengan pesan, “Aku terlalu sibuk melaksanakan suatu pekerjaan yang besar untuk pergi ke sana. Mengapa perlu pekerjaan ini terhenti kerana aku meninggalkannya hanya untuk menemui kamu?”

⁴ Empat kali berturut-turut mereka mengirim kepadaku pesan seperti itu, tetapi setiap kali kuberikan jawapan yang sama kepada mereka.

⁵ Kemudian, buat kali kelimanya, Sanbalat mengutus seorang pembantunya kepadaku dengan pesan seperti itu dan orang itu membawa sepucuk surat terbuka, ⁶ yang di dalamnya tertulis demikian:

“Tersiar khabar di antara bangsa-bangsa – Gesyem juga mengatakan hal yang sama – bahawa engkau dan orang Yahudi bermaksud memberontak. Itulah sebabnya engkau membina semula tembok itu. Menurut khabar itu, engkau hendak menjadi raja mereka, ⁷ bahkan kamu mengangkat para nabi untuk memaklumkan diri engkau di Yerusalem, demikian, ‘Ada seorang raja di Tanah Yehuda!’ Tentunya sekarang berita seperti itu akan terdengar oleh raja. Oleh sebab itu mari kita bermuafakat bersama-sama.”

⁸ Maka kuutus jawapan ini kepadanya, “Hal-hal seperti yang kaukatakan itu tidak benar. Itu cuma rekaan kamu sendiri dalam hatimu.”

⁹ Memang mereka semua sengaja berusaha menakut-nakutkan kami dengan berfikir, “Mereka akan patah semangat dalam pekerjaan itu sehingga tidak dapat menyelesaikannya.”

Tetapi sekarang, kuatkanlah semangatku, ya Allah.

¹⁰ Suatu hari aku pergi ke rumah Semaya anak Delaya anak Mehetabeel yang sedang mengurung diri. Katanya, “Mari kita bertemu di Rumah Allah, di dalam Bait Suci, lalu kita tutup pintu-pintu Bait Suci kerana kalangan itu akan datang membunuh engkau. Ya, malam ini mereka akan datang membunuh engkau.”

¹¹ Tetapi kataku, “Masakan orang seperti aku melarikan diri? Adakah orang seperti aku ini akan masuk ke dalam Bait Suci untuk menyelamatkan nyawanya? Aku tidak mahu pergi!”

¹² Aku sedar bahawa dia bukan diutus Allah. Nubuat itu diucapkannya terhadap aku setelah diupah oleh Tobia dan Sanbalat, ¹³ dengan tujuan supaya aku takut lalu berbuat demikian sehingga aku berdosa. Dengan begitu mereka dapat membusukkan namaku sehingga aku dicela.

¹⁴ Ya Allahku, ingatlah Tobia dan Sanbalat menurut apa yang dilakukan mereka, juga Nabiah Noaja dan nabi-nabi lain yang mahu menakut-nakutkan aku.

Pembinaan tembok selesai

¹⁵ Genap dalam lima puluh dua hari, selesailah pembinaan semula tembok itu iaitu pada hari kedua puluh lima bulan Elul. ¹⁶ Apabila hal itu

terdengar oleh semua musuh kami dan semua bangsa di sekeliling kami melihatnya, maka takutlah mereka. Begitu tebal muka mereka setelah menyedari bahawa dengan bantuan Allah kami, pekerjaan itu telah dilaksanakan.

¹⁷ Pada masa itu juga para bangsawan Yehuda mengirim banyak surat kepada Tobia, dan Tobia pun membalas surat-surat mereka. ¹⁸ Memang ramai orang di Tanah Yehuda terikat sumpah dengannya, kerana dia ialah menantu Sekhanya anak Arah, manakala anaknya, Yohanan pula memperisteri anak perempuan Mesulam anak Berekhya. ¹⁹ Mereka juga memuji-muji kebaikan Tobia di depanku, dan kata-kataku mereka sampaikan kepadanya. Tobia terus mengirim beberapa pucuk surat untuk menakut-nakutkan aku.

Pengawalan demi melindungi Yerusalem

7 ¹ Setelah tembok dibina semula dan pintu-pintunya kupasang, ditetapkanlah tugas para penjaga pintu gerbang, para penyanyi, dan bani Lewi. ² Aku menugaskan Hanani, saudaraku, untuk mengawasi Yerusalem, bersama-sama Hananya, panglima puri. Hanani seorang takut kepada Allah yang boleh dipercayai melebihi ramai orang lain. ³ Kataku kepada mereka, “Jangan dibuka pintu-pintu gerbang Yerusalem

sebelum matahari panas dan sewaktu para pengawal, pintu-pintu itu sedang bertugas arahkan mereka menutup dan memalang kesemua pintu. Tempatkanlah para penjaga daripada kalangan penduduk Yerusalem di tempat penjagaan masing-masing dan di depan rumah masing-masing.”

Daftar orang yang kembali daripada pembuangan

⁴ Kota raya Yerusalem luas dan besar, tetapi penduduknya sedikit dan rumah-rumah pun belum dibina semula. ⁵ Kemudian Allahku menaruh rancangan dalam hatiku untuk mengumpulkan bangsawan, pemimpin, dan rakyat supaya mereka didaftarkan menurut salasilah masing-masing. Sementara itu kutemukan daftar salasilah kalangan yang lebih dahulu pulang. Di dalamnya kudapati tertulis demikian:

⁶ Inilah warga wilayah Yehuda yang pulang dari tempat penawanan, iaitu warga yang dahulunya dibuang oleh Nebukadnezar, raja Babel. Mereka kembali ke Yerusalem serta ke Tanah Yehuda, ke kota masing-masing. ⁷ Mereka datang bersama-sama Zerubabel, Yesua, Nehemia, Azarya, Raamya, Nahamani, Mordekhai, Bilsan, Misperet, Bigwai, Nehum, dan Baana.

Bilangan warga Israel itu ialah:

- ⁸ bani Paros, 2,172 orang;
- ⁹ bani Sefaca, 372 orang;
- ¹⁰ bani Arah, 652 orang;
- ¹¹ bani Pahat-Moab, daripada keturunan Yesua dan Yoab, 2,818 orang;
- ¹² bani Elam, 1,254 orang;
- ¹³ bani Zatu, 845 orang;
- ¹⁴ bani Zakai, 760 orang;
- ¹⁵ bani Binui, 648 orang;
- ¹⁶ bani Bebai, 628 orang;
- ¹⁷ bani Azgad, 2,322 orang;
- ¹⁸ bani Adonikam, 667 orang;
- ¹⁹ bani Bigwai, 2,067 orang;
- ²⁰ bani Adin, 655 orang;
- ²¹ bani Ater, daripada Hizkia, 98 orang;
- ²² bani Hasum, 328 orang;
- ²³ bani Bezai, 324 orang;
- ²⁴ bani Harif, 112 orang;
- ²⁵ bani Gibeon, 95 orang;
- ²⁶ orang Betlehem dan Netofa, 188 orang;
- ²⁷ orang Anatot, 128 orang;
- ²⁸ orang Bet-Azmawet, 42 orang;
- ²⁹ orang Kiryat-Yearim, Kefira, dan Beerot, 743 orang;
- ³⁰ orang Rama dan Geba, 621 orang;
- ³¹ orang Mikhmas, 122 orang;
- ³² orang Betel dan Ai, 123 orang;

33 orang Nebo yang lain, 52 orang;

34 bani Elam yang lain, 1,254 orang;

35 bani Harim, 320 orang;

36 orang Yerikho, 345 orang;

37 orang Lod, Hadid, dan Ono, 721 orang;

38 bani Senaa, 3,930 orang.

39 Para imam:

bani Yedaya, daripada keturunan kaum Yesua,
973 orang;

40 bani Imer, 1,052 orang;

41 bani Pasyhur, 1,247 orang;

42 bani Harim, 1,017 orang.

43 Para bani Lewi:

bani Yesua dan Kadmiel, daripada keturunan
Hodewa, 74 orang.

44 Para penyanyi:

bani Asaf, 148 orang.

45 Para penjaga pintu gerbang:

bani Salum, bani Ater, bani Talmon, bani Akub,
bani Hatita, dan bani Sobai, 138 orang.

46 Hamba Bait Allah:

bani Ziha, bani Hasufa, bani Tabaot,

47 bani Keros, bani Sia, bani Padon,

48 bani Lebana, bani Hagaba, bani Salmal,

49 bani Hanan, bani Gidel, bani Gahar,

50 bani Reaya, bani Rezin, bani Nekoda,

51 bani Gazam, bani Uza, bani Paseah,

52 bani Besai, bani Meunim, bani Nefusim,

⁵³ bani Bakbuk, bani Hakufa, bani Harhur,

⁵⁴ bani Bazlit, bani Mehida, bani Harsa,

⁵⁵ bani Barkos, bani Sisera, bani Temah,

⁵⁶ bani Neziah, dan bani Hatifa.

⁵⁷ Keturunan hamba Salomo:

bani Sotai, bani Soferet, bani Perida,

⁵⁸ bani Yaala, bani Darkon, bani Gidel,

⁵⁹ bani Sefaca, bani Hatil, bani Pokheret-
Hazebaim, dan bani Amon.

⁶⁰ Jumlah seluruh hamba Bait Allah dan
keturunan hamba Salomo ialah 392 orang.

⁶¹ Orang yang berikut datang dari Tel-Melah,
Tel-Harsa, Kerub, Adon, dan Imer, tetapi mereka
tidak dapat menunjukkan bahawa kaum keluarga
dan zuriat mereka keturunan daripada bangsa
Israel: ⁶² bani Delaya, bani Tobia, bani Nekoda,
⁶⁴² orang.

⁶³ Daripada keturunan imam:

bani Habaya, bani Hakos, dan bani Barzilai

(orang ini memperisteri seorang anak

perempuan Barzilai, orang Gilead itu, lalu

ia dinamai menurut nama keluarga itu).

⁶⁴ Mereka ini mencari catatan nama
mereka dalam daftar salasilah tetapi tidak
menemukannya. Oleh sebab itu mereka
dinyatakan cemar untuk menyertai jawatan

imam. ⁶⁵ Pembesar memerintahkan mereka supaya jangan makan daripada persembahan teramat suci sampai ada imam yang memegang Urim dan Tumim.

⁶⁶ Jadi, jumlah seluruh jemaah itu ialah 42,360 orang, ⁶⁷ belum termasuk hamba mereka baik lelaki mahupun perempuan yang berjumlah 7,337 orang. Mereka mempunyai 245 penyanyi lelaki dan perempuan. ⁶⁸ Kuda mereka berjumlah 736 ekor, baghal mereka 245 ekor, ⁶⁹ unta mereka 435 ekor, dan keldai mereka 6,720 ekor.

⁷⁰ Beberapa ketua kaum keluarga memberikan sumbangan untuk pekerjaan itu, sedangkan pembesar menyumbang untuk perbendaharaan sebanyak 1,000 dirham emas, 50 buah bokor, dan 530 helai tunik imam. ⁷¹ Beberapa orang ketua kaum keluarga menyumbang untuk perbendaharaan pekerjaan itu sebanyak 20,000 dirham emas dan 2,200 mina perak. ⁷² Sementara yang disumbangkan rakyat selebihnya ialah 20,000 dirham emas, 2,000 mina perak, dan 67 helai tunik imam.

⁷³ Imam, bani Lewi, penjaga pintu gerbang, penyanyi, sebahagian daripada rakyat, hamba Bait Allah, dan seluruh orang Israel menetap di kota-kota mereka.

Ezra membaca kitab hukum

8¹ Pada bulan ketujuh orang Israel telah tinggal di kota masing-masing. Maka berkumpullah seluruh rakyat secara serentak di lapangan, di depan Pintu Gerbang Air. Mereka meminta Ezra, ahli Kitab Suci itu, membawa Kitab Suci Taurat yang telah disampaikan Tuhan melalui Musa kepada Israel.² Pada hari pertama pada bulan ketujuh, Imam Ezra membawa Kitab Suci Taurat ke hadapan jemaah yang terdiri daripada para lelaki, perempuan, dan semua orang yang dapat mendengar serta mengerti.³ Dengan menghadap ke arah lapangan, di depan Pintu Gerbang Air, dibacanya kitab itu dari pagi sampai tengah hari di hadapan para lelaki, perempuan, dan semua orang yang dapat mendengar serta mengerti. Seluruh rakyat mendengar baik-baik pembacaan Kitab Suci Taurat itu.

⁴ Ezra, ahli Kitab Suci Taurat itu, berdiri di atas mimbar kayu yang khusus dibuat untuk acara itu. Di sisi sebelah kanannya berdiri Matica, Sema, Anaya, Uria, Hilkia, dan Maaseya, sedangkan di sebelah kirinya berdiri Pedaya, Misael, Malkia, Hasum, Hasbadana, Zakharia, dan Mesulam.

⁵ Ezra membuka kitab itu di hadapan mata seluruh rakyat, kerana dia berdiri lebih tinggi daripada semua orang. Apabila dia membuka

kitab itu, seluruh rakyat bangkit berdiri.

⁶ Kemudian Ezra memuji Tuhan, Allah Yang Maha Besar, dan seluruh rakyat menjawab, “Amin, amin!” sambil menadahkan tangan. Mereka pun menundukkan kepala dan sujud menyembah Tuhan.

⁷ Sejumlah bani Lewi, iaitu Yesua, Bani, Serebya, Yamin, Akub, Sabetai, Hodia, Maaseya, Kelita, Azarya, Yozabad, Hanan, dan Pelaya menolong umat untuk memahami hukum Taurat sementara umat berdiri di tempat masing-masing. ⁸ Mereka membacakan kitab itu iaitu hukum Allah dengan jelas, sambil memberitahukan maknanya sehingga pembacaan itu difahami oleh para hadirin.

⁹ Kemudian Nehemia, pembesar itu, dan Imam Ezra, ahli Kitab Suci Taurat itu, juga bani Lewi yang mengajar umat itu berkata kepada seluruh rakyat, “Hari ini suci bagi Tuhan, Allahmu. Jangan berdukacita atau menangis!” Seluruh rakyat memang menangis ketika mendengar perkataan hukum Taurat itu. ¹⁰ Kata Nehemia kepada mereka, “Pergilah, makanlah yang sedap-sedap, minumlah yang manis-manis, dan kirimlah makanan kepada orang yang tidak menyiapkan apa-apa, kerana hari ini suci bagi Tuhan kita. Janganlah kamu berduka, sebab sukacita daripada Tuhan ialah kekuatan kamu.”

¹¹ Lalu bani Lewi turut meminta seluruh rakyat tenang dengan berkata, “Bertenanglah. Hari ini hari suci. Jangan berduka.” ¹² Lalu seluruh rakyat pergi untuk makan, minum, saling mengirim makanan, dan mengadakan pesta besar, kerana mereka sudah memahami kata-kata yang disampaikan kepada mereka.

Perayaan Pondok Daun

¹³ Pada hari kedua para ketua kaum keluarga seluruh rakyat, para imam, dan bani Lewi berkumpul menghadap Ezra, ahli hukum Taurat itu, untuk menelaah kalimah-kalimah kitab Taurat. ¹⁴ Dalam Kitab Taurat yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan Musa itu mereka mendapati bahawa orang Israel harus tinggal di dalam pondok-pondok pada hari perayaan pada bulan ketujuh, ¹⁵ dan bahawa mereka harus mengkhabarkan serta menyiarkan pengumuman di kota-kota mereka dan juga di Yerusalem demikian, “Pergilah ke gunung, ambillah daun pokok zaitun, daun pokok zaitun liar, daun pokok murad, daun pokok kurma, dan daun pepohonan yang rimbun untuk membuat pondok seperti yang tertulis itu.”

¹⁶ Maka pergilah rakyat mengambil semua jenis daun itu. Lalu mereka membuat pondok-pondok di atas bumbung rumah masing-masing, di halaman rumah mereka, di laman luar Rumah Allah, di lapangan dekat Pintu Gerbang Air, dan di lapangan dekat Pintu Gerbang Efraim. ¹⁷ Seluruh jemaah yang kembali dari tempat penawanan itu membuat pondok-pondok dan tinggal di dalamnya. Hal itu belum pernah dilakukan oleh orang Israel sejak zaman Yosua anak Nun sampai hari itu. Demikianlah ada kesukaan yang amat besar. ¹⁸ Hari demi hari, dari hari pertama sampai hari terakhir, Ezra membaca kitab hukum Allah. Hari perayaan itu dirayakan mereka selama tujuh hari, lalu pada hari kelapan diadakan perhimpunan umum sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan.

Pengakuan dosa oleh orang Israel

9 ¹ Pada hari kedua puluh empat dalam bulan itu juga orang Israel berkumpul dan berpuasa dengan memakai kain perkabungan serta meletakkan tanah di atas kepala. ² Orang Israel yang sejati mengasingkan diri daripada semua orang asing lalu berdiri mengakui dosa mereka dan kesalahan nenek moyang mereka. ³ Selama seperempat hari mereka berdiri di tempat masing-masing demi mendengar pembacaan

daripada Kitab Taurat Tuhan, Allah mereka. Kemudian selama seperempat hari berikutnya mereka mengakui dosa dan sujud menyembah Tuhan, Allah mereka.

⁴ Lalu dari atas mimbar bani Lewi berdirilah Yesua, Bani, Kadmiel, Sebanya, Buni, Serebya, Bani, dan Kenani lalu berseru dengan suara yang nyaring kepada Tuhan, Allah mereka.

⁵ Maka berkatalah beberapa orang Lewi, iaitu Yesua, Kadmiel, Bani, Hasabneya, Serebya, Hodia, Sebanya, dan Petahya, “Bangunlah dan pujilah Tuhan, Allahmu, dari abadi sampai abadi! Segala puji-pujian atas nama-Mu yang mulia, yang ditinggikan mengatasi segala puji dan hormat.”

⁶ “Engkaulah Tuhan, Engkau sahaja! Engkau telah menjadikan langit, bahkan langit di atas segala langit, dengan segala penghuninya, bumi dengan segala yang ada di atasnya, dan laut dengan segala yang ada di dalamnya. Engkau memelihara semuanya, dan seluruh angkatan di langit pun menyembah Engkau.

⁷ Engkaulah Tuhan, Allah yang telah memilih Abram, membawanya keluar dari Ur-Kasdim, dan menamainya Abraham.

⁸ Kaudapati bahawa hatinya setia kepada-Mu dan Engkau mengikat perjanjian

dengannya untuk mengurniakan kepada keturunannya tanah bani Kanaan, bani Het, bani Amori, bani Feris, bani Yebus, dan bani Girgasi. Engkau telah menepati firman-Mu kerana Engkau benar.

⁹ Engkau melihat kesusahan nenek moyang kami di Mesir dan mendengar seruan mereka di tepi Laut Merah.

¹⁰ Engkau menunjukkan tanda-tanda dan mukjizat-mukjizat di hadapan Firaun, semua pegawainya, dan seluruh penduduk negerinya, kerana Engkau tahu bahawa mereka telah bertindak angkuh terhadap nenek moyang kami. Demikianlah Engkau membuat nama-Mu masyhur, seperti yang nyata pada hari ini.

¹¹ Engkau membelah laut di hadapan umat-Mu lantas mereka dapat berjalan menyeberangi laut di tanah yang kering, tetapi kalangan musuh yang mengejar mereka Kaucampakkan ke dasar air yang dalam seperti batu di air yang deras.

¹² Engkau memimpin perjalanan mereka dengan tiang awan pada siang hari dan

9:9 a: Kel 3:7; **b:** Kel 14:10-12. **9:10:** Kel 7:8—12:32.

9:11 a: Kel 14:21-29; **b:** Kel 15:4,5. **9:12:** Kel 13:21,22.

dengan tiang api pada malam hari untuk menerangi jalan yang perlu dilalui mereka.

- ¹³ Engkau turun dan hadir di atas Gunung Sinai dan berfirman kepada mereka dari langit. Kauberi mereka peraturan-peraturan yang adil, hukum-hukum yang benar, serta ketetapan-ketetapan dan perintah-perintah yang baik.
- ¹⁴ Engkau menyatakan kepada mereka fasal hari Sabat-Mu yang suci, dan Kauberi mereka perintah-perintah, ketetapan-ketetapan, dan hukum dengan perantaraan Musa, hamba-Mu.
- ¹⁵ Engkau pula memberikan kepada mereka roti dari langit sebagai pengubat kelaparan, dan Engkau memancarkan air daripada bukit batu sebagai penawar kehausan. Engkau menyuruh mereka masuk menduduki negeri yang telah Kaujanjikan dengan bersumpah untuk dikurniakan kepada mereka.
- ¹⁶ Tetapi mereka serta nenek moyang kami itu, bertindak angkuh, mengeraskan hati, dan tidak mahu mendengar segala perintah-Mu.

- ¹⁷ Mereka tidak mahu taat dan tidak mengingati perbuatan-perbuatan ajaib yang telah Kaubuat dalam kalangan mereka. Mereka mengeraskan hati, dan dalam penderhakaan mereka itu, mereka melantik seorang pemimpin untuk kembali ke dalam kancah perhambaan. Namun demikian, Engkau ialah Allah yang pengampun, pengasih dan penyayang, panjang sabar dan melimpah-ruah kasih, sehingga Engkau tidak meninggalkan mereka.
- ¹⁸ Bahkan ketika mereka membuat anak lembu tuangan lalu berkata, 'Inilah Allahmu, yang memimpin kamu keluar dari Mesir,' dan ketika mereka teramat berdosa dengan menghumbankan pelbagai nista terhadap Engkau,
- ¹⁹ Engkau tidak meninggalkan mereka di gurun itu atas sebab teramat besarnya kasih sayang-Mu. Tiang awan tidak meninggalkan mereka pada siang hari untuk memimpin mereka di jalan, demikian juga tiang api pada malam

hari untuk menerangi jalan yang harus ditempuh mereka.

²⁰ Engkau mengurniakan Roh-Mu yang baik untuk mengajar mereka. Manna-Mu tidak Kautahan daripada mulut mereka dan Engkau memberi mereka air sebagai penawar haus.

²¹ Empat puluh tahun lamanya Engkau mencukupkan segala keperluan mereka di gurun itu. Mereka tidak kekurangan apa-apa pun. Pakaian mereka tidak usang, dan kaki mereka tidak bengkok.

²² Kepada mereka, Engkau mengurniakan beberapa buah kerajaan serta bangsa, dan memberikan kepada mereka tanah bangsa-bangsa itu hingga setiap sudut bumi. Mereka pun menduduki tanah milik Sihon, raja Hesbon, dan tanah Og, raja Basan.

²³ Engkau melipatgandakan anak cucu mereka seperti bintang di langit, lalu Kaubawa mereka ke negeri yang telah Kaufirmankan kepada nenek moyang mereka untuk dimasuki dan diduduki.

- ²⁴ Kemudian masuklah keturunan mereka lalu menduduki negeri yang telah Engkau takluki di hadapan mereka dengan menundukkan penduduk negeri itu, iaitu bani Kanaan, lalu Kauserahkan semua orang itu berserta raja-raja dan bangsa-bangsa negeri itu ke dalam tangan mereka untuk diperlakukan sesuka hati mereka.
- ²⁵ Mereka merebut kota-kota berkubu dan tanah yang subur, mengambil begitu banyak rumah yang penuh dengan segala sesuatu yang baik, juga semua perigi, kebun anggur, kebun zaitun, serta pokok buah-buahan. Makanlah mereka hingga kenyang dan menjadi gemuk. Mereka hidup senang-lenang atas sebab kebaikan-Mu yang sebegitu besar.
- ²⁶ Namun begitu, mereka menderhaka dan memberontak terhadap Engkau serta membelakangi hukum Taurat-Mu dan membunuh para nabi-Mu yang mengingatkan mereka untuk berbalik kepada-Mu. Mereka mengucapkan pelbagai kekufuran terhadap Engkau.

- ²⁷ Atas sebab itulah Engkau menyerahkan mereka ke dalam tangan pihak lawan yang menyesakkan mereka. Namun demikian, ketika mereka berseru kepada-Mu pada masa mereka mengalami kesesakan, dari syurga Engkau mendengar permohonan mereka, dan kerana kasih sayang-Mu yang sebegitu besar, Kauberi mereka beberapa orang penyelamat yang melepaskan mereka daripada tangan pihak musuh mereka.
- ²⁸ Meskipun demikian, setelah mereka mendapat kelegaan sedikit, mereka berbuat jahat semula di hadapan-Mu. Oleh sebab itu Engkau menyerahkan mereka ke dalam tangan para musuh mereka yang kemudian menguasai mereka. Akan tetapi, ketika mereka kembali berbalik dan berseru kepada-Mu, dari persemayaman-Mu di syurga, Engkau sudi mendengar rintihan mereka dan berkali-kali Engkau menyelamatkan mereka kerana kasih sayang-Mu.
- ²⁹ Engkau memperingatkan mereka agar mereka berbalik kepada hukum Taurat-Mu tetapi mereka bersikap angkuh dan tidak

mahu mendengar segala perintah-Mu. Mereka berdosa menentang segala peraturan-Mu, padahal orang yang mentaatinya akan hidup kerananya. Mereka membalikkan diri tanda membangkang, mengeraskan hati dan enggan mendengar.

³⁰ Selama bertahun-tahun Engkau sabar terhadap mereka dan menerusi Roh-Mu, Engkau mengingatkan mereka dengan perantaraan para nabi-Mu, tetapi mereka tidak mahu mendengar. Oleh sebab itu Engkau menyerahkan mereka ke dalam tangan bangsa segala negeri.

³¹ Namun demikian, kerana begitu besarnya kasih sayang-Mu, Engkau tidak memusnahkan mereka dan tidak meninggalkan mereka, kerana Engkaulah Allah yang pengasih dan penyayang.

³² Sekarang, ya Allah kami, Allah yang besar, perkasa, dan teramat hebat, yang berpegang teguh pada perjanjian dan kasih abadi, janganlah Kaupandang ringan segala kesusahan yang telah menimpa kami, raja kami, pemimpin kami, para

9:30: 2Raj 17:13-18; 2Taw 36:15,16.

9:32: 2Raj 15:19,29; 17:3-6; Ezr 4:2,10.

imam kami, nabi kami, nenek moyang kami, dan seluruh umat-Mu sejak zaman raja-raja Asyur sampai hari ini.

³³ Sememangnya Engkau maha adil dalam segala hal yang menimpa kami, kerana Engkau telah berlaku setia walhal kami fasiq lagi mengkufuri Engkau.

³⁴ Para raja, para pemimpin, para imam, dan nenek moyang kami tidak mematuhi segala hukum-Mu. Mereka tidak mahu mendengar segala perintah-Mu dan peringatan-Mu yang Kauberikan kepada mereka.

³⁵ Bahkan ketika mereka memerintah kerajaan sendiri pun dengan menikmati kebaikan-Mu yang besar dan mendiami negeri yang luas serta subur yang Kaukurniakan kepada mereka, mereka juga tidak mengabdikan diri kepada-Mu. Mereka tidak berbalik daripada segala perbuatan jahat.

³⁶ Lihatlah, hari ini kami menjadi hamba. Kami menjadi hamba di negeri yang Kaukurniakan kepada nenek moyang kami untuk dinikmati hasilnya dan kelimpahannya.

³⁷ Negeri ini memberikan banyak hasil kepada para raja yang telah Kautetapkan atas kami

kerana dosa-dosa kami. Mereka berkuasa atas tubuh kami dan boleh melakukan sesuka hati mereka atas ternakan kami, sehingga kami mengalami kesesakan yang amat besar.”

³⁸ Maka, berdasarkan semua ini, kami mengikat perjanjian yang teguh dan menulisnya. Para pemimpin kami, bani Lewi kami, dan para imam kami juga memateraikan perjanjian ini.

Senarai nama orang pada materai perjanjian

10 ¹ Pada materai perjanjian itu terdapat nama-nama orang ini:

Pembesar Nehemia anak Hakhalya dan Zedekia.

² Selanjutnya:

Seraya, Azarya, Yeremia, ³ Pasyhur, Amarya, Malkia, ⁴ Hatus, Sebyanya, Malukh, ⁵ Harim, Meremot, Obaja, ⁶ Daniel, Gineton, Barukh, ⁷ Mesulam, Abia, Miyamin, ⁸ Maazya, Bilgai, dan Semaya. Mereka ialah para imam.

⁹ Para bani Lewi:

Yesua anak Azanya, Binui daripada bani Henadad, Kadmiel, ¹⁰ serta saudara-saudara mereka, iaitu Sebyanya, Hodia, Kelita, Pelaya, Hanan, ¹¹ Mikha, Rehob, Hasabya, ¹² Zakur, Serebya, Sebyanya ¹³ Hodia, Bani, dan Beninu.

¹⁴ Para pemimpin umat:

Paros, Pahat-Moab, Elam, Zatu, Bani, ¹⁵ Buni, Azgad, Bebai, ¹⁶ Adonia, Bigwai, Adin, ¹⁷ Ater, Hizkia, Azur, ¹⁸ Hodia, Hasum, Bezai, ¹⁹ Harif, Anatot, Nebai, ²⁰ Magpias, Mesulam, Hezir, ²¹ Mesezabeel, Zadok, Yadua, ²² Pelaca, Hanan, Anaya, ²³ Hosea, Hananya, Hasub, ²⁴ Halohes, Pilha, Sobek, ²⁵ Rehum, Hasabna, Maaseya, ²⁶ Ahia, Hanan, Anan, ²⁷ Malukh, Harim, dan Baana.

²⁸ Rakyat selebihnya, iaitu para imam, bani Lewi, para penjaga pintu gerbang, para penyanyi, para hamba Bait Allah, dan semua orang yang memisahkan diri daripada umat negeri itu demi mematuhi hukum Taurat Allah, berserta para isteri mereka, anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan, dan semua orang yang dapat mengerti dan memahami hukum tersebut, ²⁹ menggabungkan diri dengan saudara mereka, iaitu bangsawan mereka. Mereka mengikat diri dengan kutukan dan sumpah untuk hidup menurut hukum Taurat yang diberikan Allah dengan perantaraan Musa, hamba Allah itu, dan untuk melakukan dengan setia segala perintah Tuhan, Tuhan kami, serta segala peraturan dan ketetapan-Nya.

³⁰ Kami tidak akan memberi anak perempuan kami kepada bangsa-bangsa negeri ini dan kami tidak akan mengambil anak perempuan mereka untuk menjadi isteri para anak lelaki kami.

³¹ Jika bangsa-bangsa negeri ini membawa barang-barang atau sebarang bijirin untuk dijual pada hari Sabat, kami tidak akan membelinya daripada mereka pada hari Sabat atau pada bila-bila hari suci yang lain.

Pada tahun ketujuh kami akan membiarkan begitu sahaja hasil tanah dan akan meluputkan setiap hutang.

³² Kami juga membuat ketentuan yang mengharuskan kami untuk menanggung biaya sepertiga syikal setiap tahun untuk ibadat di Bait Allah kami, ³³ iaitu untuk roti persembahan; untuk persembahan bahan makanan yang tetap; untuk korban bakaran yang tetap pada hari Sabat, bulan baru, dan hari perayaan; untuk persembahan suci; untuk korban penghapus dosa demi pendamaian bagi orang Israel; dan untuk segala pekerjaan di Bait Allah kami.

³⁴ Kami, iaitu para imam, bani Lewi, dan rakyat, akan mencabut undi mengenai persembahan kayu api yang harus dibawa ke Bait Allah

kami oleh setiap kaum keluarga kami pada waktu-waktu tertentu, tahun demi tahun. Kayu api itu harus dibakar di atas tempat pembakaran korban Tuhan, Allah kami, seperti yang tertulis dalam Kitab Suci Taurat.

³⁵ Kami akan membawa hasil pertama tanah kami dan hasil pertama berbagai-bagai pokok buah ke Bait Tuhan tahun demi tahun.

³⁶ Anak sulung kami dan anak sulung ternakan kami, iaitu anak sulung kawanan lembu dan kawanan domba kami, seperti tertulis dalam Kitab Suci Taurat, akan kami bawa ke Bait Allah kami, kepada para imam yang menyelenggarakan ibadat di Bait Allah kami.

³⁷ Tepung barli hasil pertama kami, persembahan khusus kami, buah segala pokok, air anggur, dan minyak akan kami bawa kepada para imam, ke bilik-bilik di Bait Allah kami. Sepersepuluh daripada hasil tanah kami akan kami bawa kepada bani Lewi, kerana bani Lewilah yang memungut persembahan sepersepuluh di segala kota pertanian kami.

³⁸ Seorang imam keturunan Harun akan menyertai orang Lewi ketika mereka memungut persembahan daripada sepersepuluh. Kemudian

10:35: Kel 23:19; 34:26; Ul 26:2. **10:36:** Kel 13:2.

10:37: Bil 18:21. **10:38:** Bil 18:26.

orang Lewi itu harus membawa sepersepuluh dari persembahan sepersepuluh itu ke Bait Allah kami, ke bilik-bilik rumah perbendaharaan.

³⁹ Orang Israel daripada bani Lewi harus membawa persembahan khusus berupa gandum, air anggur, dan minyak ke bilik-bilik itu. Di sana ada segala kelengkapan tempat suci, para imam yang menyelenggarakan ibadat, para penjaga pintu gerbang, dan para penyanyi.

Kami tidak akan mengabaikan Bait Allah kami.

Daftar penduduk Yerusalem dan Yehuda

11 ¹ Para pemimpin umat tinggal di Yerusalem, manakala orang selebihnya mencabut undi untuk menentukan satu daripada sepuluh orang yang harus tinggal di Yerusalem, kota suci itu, sementara sembilan orang yang lainnya tinggal di kota-kota lain. ² Kemudian rakyat memohonkan keberkatan atas semua orang yang secara sukarela menawarkan diri untuk tinggal di Yerusalem. ³ Inilah daftar ketua wilayah yang tinggal di Yerusalem, sementara orang Israel lainnya, para imam, bani Lewi, para hamba Bait Allah, dan keturunan para hamba Salomo tinggal di kota-kota Yehuda, iaitu di tanah milik masing-masing, di kota mereka sendiri.

⁴ Di Yerusalem tinggal beberapa orang daripada bani Yehuda dan bani Benyamin.

Daripada bani Yehuda: Ataya anak Uzia anak Zakharia anak Amarya anak Sefaca anak Mahalaleel, keturunan Peres, ⁵ dan Maaseya anak Barukh anak Kolhoze anak Hazaya anak Adaya anak Yoyarib anak Zakharia, keturunan Syela.

⁶ Seluruh keturunan Peres yang tinggal di Yerusalem berjumlah 468 orang yang gagah perkasa.

⁷ Daripada bani Benyamin:

Salu anak Mesulam anak Yo'ed anak Pedaya anak Kolaya anak Maaseya anak Itiel anak Yesaya, ⁸ lalu selanjutnya Gabai dan Salai. Seluruhnya berjumlah 928 orang. ⁹ Yo'el anak Zikhri ialah penyelia mereka, dan Yehuda anak Hasenua ialah penyelia kedua di kota itu.

¹⁰ Daripada para imam:

Yedaya anak Yoyarib; Yakhin; ¹¹ Seraya anak Hilkia anak Mesulam anak Zadok anak Merayot anak Ahitub, penyelia Rumah Allah, ¹² dan saudara-saudara mereka yang melakukan pekerjaan di Rumah itu – 822 orang; Adaya anak Yeroham anak Pelalya anak Amzi anak Zakharia anak Pasyhur anak Malkia, ¹³ dan saudara-saudaranya, iaitu para ketua kaum keluarga – 242 orang; Amasai anak Azareel

anak Ahzai anak Mesilemot anak Imer, ¹⁴ dan saudara-saudara mereka, para kesateria yang gagah perkasa – 128 orang. Zabdiel anak Gedolim ialah penyelia mereka.

¹⁵ Daripada bani Lewi:

Semaya anak Hasub anak Azrikam anak Hasabya anak Buni; ¹⁶ Sabetai dan Yozabad, ketua bani Lewi, yang mengawasi pekerjaan di luar Rumah Allah; ¹⁷ Matanya anak Mikha anak Zabdi anak Asaf, pemimpin yang memulai ucapan syukur dalam doa; Bakbukya, penyelia kedua antara saudaranya; dan Abda anak Samua anak Galal anak Yedutun. ¹⁸ Semua orang Lewi di kota suci berjumlah 284 orang.

¹⁹ Para penjaga pintu gerbang:

Akub, Talmon, dan saudara-saudara mereka yang berjaga di pintu-pintu gerbang – 172 orang.

²⁰ Orang Israel selebihnya, para imam, dan bani Lewi tinggal di semua kota Yehuda, di tanah warisan pusaka masing-masing. ²¹ Tetapi para hamba Bait Allah tinggal di Ofel, dipimpin oleh Ziha dan Gispa.

²² Penyelia bani Lewi di Yerusalem ialah Uzi anak Bani anak Hasabya anak Matanya anak Mikha. Dia berasal daripada bani Asaf, iaitu para penyanyi yang bertanggungjawab atas ibadat di Rumah Allah. ²³ Mengenai para penyanyi, ada

perintah raja yang menentukan tugas mereka setiap hari.

²⁴ Petahya anak Mesezabeel daripada bani Zerah anak Yehuda menjadi wakil raja dalam segala urusan mengenai kalangan umat itu.

Perkampungan di luar Yerusalem

²⁵ Bagi segala perkampungan berserta ladang-ladangnya, ada beberapa orang daripada bani Yehuda yang tinggal di Kiryat-Arba dan kampung-kampungnya, di Dibon dan kampung-kampungnya, di Yekabzeel dan desa-desanya, ²⁶ di Yesua, di Molada, di Bet-Pelet, ²⁷ di Hazar-Sual, di Bersyeba dan kampung-kampungnya, ²⁸ di Ziklag, di Mekhona dan kampung-kampungnya, ²⁹ di En-Rimon, di Zora, di Yarmut, ³⁰ Zanoah, Adulam dan desa-desanya, Lakhis dan ladang-ladangnya, serta Azeka dan kampung-kampungnya. Demikianlah mereka mendirikan perkhemahan dari Bersyeba ke Lembah Hinom.

³¹ Bani Benyamin tinggal dari Geba, iaitu di Mikhmas, Aya, Betel dan kampung-kampungnya, ³² Anatot, Nob, Ananya, ³³ Hazor, Rama, Gitaim, ³⁴ Hadid, Zeboim, Nebalat, ³⁵ Lod dan Ono, Lembah Para Tukang. ³⁶ Ada beberapa kumpulan bani Lewi dari Yehuda yang menetap di daerah orang Benyamin.

Kepulangan imam dan bani Lewi

12 ¹ Inilah para imam dan bani Lewi yang pulang bersama-sama Zerubabel anak Sealtiel serta Yesua:

Seraya, Yeremia, Ezra,

² Amarya, Malukh, Hatus,

³ Sekhanya, Rehum, Meremot,

⁴ Ido, Ginetoi, Abia,

⁵ Miyamin, Maaja, Bilga,

⁶ Semaya, Yoyarib, Yedaya,

⁷ Salu, Amok, Hilkia, dan Yedaya;

mereka itu para ketua imam berserta para saudara mereka pada zaman Yesua.

⁸ Bani Lewi ialah:

Yesua, Binui, Kadmiel, Serebya, Yehuda, dan Matanya.

Matanya memimpin pengucapan syukur bersama saudara-saudara mereka,

⁹ sementara Bakbukya dan Uni, saudara-saudara mereka, berdiri berhadapan dengan mereka menurut kelompok tugas.

¹⁰ Yesua mempunyai anak, iaitu Yoyakim, kemudian turun-temurunnya ialah Elyasib, Yoyada, ¹¹ Yonatan, Yadua.

¹² Pada zaman Yoyakim, yang menjadi imam ialah para ketua kaum keluarga ini:

Meraya, daripada kaum keluarga Seraya;

Hananya, daripada kaum keluarga Yeremia;

¹³ Mesulam, daripada kaum keluarga Ezra;

Yohanan, daripada kaum keluarga Amarya;

¹⁴ Yonatan, daripada kaum keluarga Melikhu;

Yusuf, daripada kaum keluarga Sebanya;

¹⁵ Adna, daripada kaum keluarga Harim;

Helkai, daripada kaum keluarga Merayot;

¹⁶ Zakharia, daripada kaum keluarga Ido;

Mesulam, daripada kaum keluarga Gineton;

¹⁷ Zikhri, daripada kaum keluarga Abia;

Piltai, daripada kaum keluarga Minyamin dan
Moaja;

¹⁸ Samua, daripada kaum keluarga Bilga;

Yonatan, daripada kaum keluarga Semaya;

¹⁹ Matnai, daripada kaum keluarga Yoyarib;

Uzi, daripada kaum keluarga Yedaya;

²⁰ Kalai, daripada kaum keluarga Salai;

Eber, daripada kaum keluarga Amok;

²¹ Hasabya, daripada kaum keluarga Hilkia;

dan Netaneel, daripada kaum keluarga Yedaya.

²² Mengenai bani Lewi, para ketua kaum keluarga mereka dicatat pada zaman Elyasib, Yoyada, Yohanan, dan Yadua, begitu juga para imam pada masa pemerintahan Darius, raja Parsi itu.

²³ Para ketua kaum keluarga bani Lewi dicatat dalam kitab hikayat sampai zaman Yohanan anak Elyasib.

²⁴ Para ketua bani Lewi ialah Hasabya, Serebya, Yesua anak Kadmiel, dan saudara-saudara mereka yang berdiri berhadapan dengan mereka untuk memuji dan mengucap syukur menurut perintah Daud, hamba Allah itu, dengan satu angkatan selaras dengan angkatan satu lagi.

²⁵ Matanya, Bakkukya, Obaja, Mesulam, Talmon, dan Akub ialah para penjaga pintu gerbang yang mengadakan penjagaan di gudang-gudang kelengkapan pada pintu-pintu gerbang.

²⁶ Mereka semua berkhidmat pada zaman Yoyakim anak Yesua anak Yozadak dan pada zaman pembesar Nehemia serta Imam Ezra, ahli Kitab Suci Taurat itu.

Perasmian dan pentahbisan tembok Yerusalem

²⁷ Pada waktu perasmian dan pentahbisan tembok Yerusalem, bani Lewi dicari dari segala tempat tinggal mereka dan dibawa ke Yerusalem untuk mengadakan perasmian dan pentahbisan yang meriah dengan ucapan syukur dan dengan nyanyian diiringi ceracap, gampus, serta kecapi. ²⁸ Para penyanyi berkumpul dari lembah di sekitar Yerusalem, dari desa-desa orang Netofa, ²⁹ dari Bet-Gilgal, dari padang Geba dan Azmawet. Para penyanyi itu memang telah membina perkampungan mereka di

sekitar Yerusalem. ³⁰ Para imam dan bani Lewi menyucikan diri, lalu menyucikan rakyat, pintu-pintu gerbang, dan juga tembok itu.

³¹ Kemudian aku menyuruh para pemimpin Yehuda naik ke atas tembok. Aku juga membentuk dua kumpulan penyanyi yang besar untuk menyanyikan puji syukur.

Kumpulan yang satu berarak ke kanan di atas tembok, ke arah Pintu Gerbang Sampah. ³² Di belakang mereka berjalanlah Hosaya dan sebahagian daripada pemimpin orang Yehuda; ³³ Azarya, Ezra, Mesulam, ³⁴ Yehuda, Benyamin, Semaya, Yeremia; ³⁵ beberapa orang imam yang memegang nafiri; Zakharia anak Yonatan anak Semaya anak Matanya anak Mikha anak Zakur anak Asaf ³⁶ dan saudara-saudaranya, iaitu Semaya, Azareel, Milalai, Gilalai, Maai, Netaneel, Yehuda, dan Hanani, lengkap dengan alat-alat muzik Daud, hamba Allah itu. Sementara itu, Ezra, ahli Kitab Suci Taurat itu, berjalan di depan mereka. ³⁷ Di Pintu Gerbang Air Pancut mereka maju terus lalu menaiki tangga Kota Daud di tanjakan tembok, melalui bahagian atas istana Daud ke arah Pintu Gerbang Air di sebelah timur.

³⁸ Kumpulan penyanyi kedua pula berarak ke kiri. Aku bersama-sama sebahagian daripada umat berjalan mengikuti mereka di atas tembok, melalui bahagian atas Menara Ketuhar ke arah

Tembok Lebar, ³⁹ juga bahagian atas Pintu Gerbang Efraim, Pintu Gerbang Lama, Pintu Gerbang Ikan, Menara Hananeel dan Menara Mea, ke arah Pintu Gerbang Domba. Di Pintu Gerbang Pengawasan mereka berhenti.

⁴⁰ Kemudian kedua-dua kumpulan penyanyi yang mengucap syukur itu berdiri di dalam Rumah Allah, begitu juga aku, sebahagian daripada pegawai yang menyertaiku, ⁴¹ para imam berserta nafiri, iaitu Elyakim, Maaseya, Minyamin, Mikha, Elyoenai, Zakharia, dan Hananya, ⁴² serta Maaseya, Semaya, Eleazar, Uzi, Yohanan, Malkia, Elam, dan Ezer. Para penyanyi itu mengumandangkan nyanyian di bawah pimpinan Yizrahya.

⁴³ Pada hari itu mereka mempersembahkan korban yang hebat-hebat. Mereka bersuka ria kerana Allah telah mengurniakan kepada mereka sukacita yang besar. Kaum perempuan dan anak-anak pun bersuka ria sehingga keriangannya di Yerusalem itu terdengar sampai jauh.

Perkhidmatan di Bait Suci

⁴⁴ Pada hari itu beberapa orang diangkat untuk mengawasi bilik-bilik perbendaharaan, tempat menyimpan persembahan khusus, hasil pertama, dan persembahan sepersepuluh. Maksudnya ialah supaya sumbangan yang

menurut hukum Taurat menjadi bahagian para imam dan bani Lewi dapat dikumpulkan dalam bilik-bilik itu dari ladang-ladang di setiap kota. Orang Yehuda memang bersukacita kerana para imam dan bani Lewi yang bertugas itu. ⁴⁵ Mereka berpegang teguh pada kewajipan terhadap Allah mereka dan tugas penyucian, demikian juga para penyanyi dan para penjaga pintu gerbang, menurut perintah Daud dan Salomo, anaknya. ⁴⁶ Pada zaman Daud dan Asaf dahulu sudah ada pemimpin para penyanyi, juga nyanyian pujian dan ucapan syukur kepada Allah. ⁴⁷ Pada zaman Zerubabel dan zaman Nehemia semua orang Israel memberikan sumbangan kepada para penyanyi dan penjaga pintu gerbang menurut keperluan tiap-tiap hari para penyanyi itu. Mereka memberikan persembahan suci kepada bani Lewi, dan bani Lewi mengasingkan sebahagian daripada persembahan suci itu untuk diberikan kepada bani Harun.

Kegigihan Nehemia

13 ¹ Pada hari itu kitab Musa dibaca di hadapan umat yang mendengarkannya. Kemudian didapati tertulis di dalamnya bahawa tiada bani Amon atau bani Moab yang

boleh masuk menyertai jemaah Allah untuk selama-lamanya, ² atas sebab dahulunya mereka tidak menyambut orang Israel dengan roti dan air minum, tetapi mengupah Bileam untuk mengutuk orang Israel. Namun begitu, Allah kami mengubah kutukan itu untuk menjadi berkat. ³ Apabila rakyat mendengar hukum Taurat itu, mereka memisahkan semua orang peranakan daripada kalangan orang Israel.

⁴ Sebelum itu Imam Elyasib yang ada hubungan kekeluargaan dengan Tobia dilantik untuk mengawasi bilik-bilik Bait Allah kami.

⁵ Disediakannya sebuah bilik yang besar untuk Tobia, padahal bilik itu sebelumnya tempat penyimpanan bagi persembahan bahan makanan, kemenyan, segala wadah berserta persembahan sepersepuluh berupa gandum, air anggur, juga minyak yang ditetapkan bagi bani Lewi, para penyanyi serta penjaga pintu gerbang. Persembahan khusus bagi para imam pun ditempatkan di dalam bilik itu. ⁶ Ketika semua itu terjadi, aku tidak ada di Yerusalem, kerana pada tahun ketiga puluh dua pemerintahan Artahsasta, raja Babel, aku pergi menghadap raja. Setelah beberapa waktu, aku mohon izin daripada raja ⁷ untuk kembali ke Yerusalem. Kemudian

barulah kuketahui kemungkarannya yang dilakukan Elyasib demi Tobia, iaitu menyediakan sebuah bilik baginya di laman luar Rumah Allah. ⁸ Aku menjadi sangat kesal lagi marah, lalu kuhumban keluar semua perabot rumah Tobia dari bilik itu. ⁹ Kusuruh orang menyucikan bilik-bilik itu, lalu kubawa kembali ke sana segala alat kelengkapan Rumah Allah dengan persembahan bahan makanan dan kemenyan.

¹⁰ Kuketahui pula bahawa sumbangan untuk bani Lewi tidak diberikan sehingga mereka serta para penyanyi yang seharusnya melaksanakan tugas mereka telah kembali ke ladang masing-masing. ¹¹ Maka berbantahlah aku dengan para pemimpin, kataku, “Mengapakah Rumah Allah diabaikan?” Lalu kukumpulkan semua orang yang berkenaan itu dan kukembalikan ke tempat masing-masing. ¹² Setelah itu, semua orang Yehuda membawa lagi persembahan sepersepuluh berupa gandum, air anggur, dan minyak ke dalam perbendaharaan. ¹³ Aku mengangkat bendahara untuk mengawasi perbendaharaan, iaitu Imam Selemya dan Zadok, ahli Kitab Suci Taurat itu, serta Pedaya, seorang Lewi, sedangkan Hanan anak Zakur anak Matanya menjadi pembantu mereka kerana

mereka itu dianggap sebagai boleh dipercayai dan mereka bertugas mengurus pembahagian untuk saudara-saudara mereka.

¹⁴ Ya Allahku, ingatlah aku kerana hal ini. Janganlah hapuskan segala perbuatan baik yang telah kulakukan demi bait Allahku dan segala kewajipan di dalamnya.

¹⁵ Pada waktu itu kulihat di Tanah Yehuda beberapa orang mengirik di tempat pemerasan anggur mereka pada hari Sabat, sementara beberapa orang mengumpulkan berkas gandum dan memuatnya di atas keldai, begitu juga air anggur, buah anggur, buah ara, dan pelbagai muatan. Semua itu dibawa mereka masuk ke Yerusalem pada hari Sabat. Aku memberikan amaran kepada mereka pada waktu mereka menjual semua bahan itu. ¹⁶ Demikian jugalah orang Tirus yang tinggal di situ membawa ikan dan segala jenis barang dagangan. Mereka menjualnya pada hari Sabat kepada bani Yehuda, malahan di Yerusalem juga. ¹⁷ Maka aku berbantah dengan para bangsawan Yehuda dan berkata kepada mereka, "Hal mungkar apakah yang kamu lakukan ini? Kamu menajiskan hari Sabat! ¹⁸ Bukankah begitu juga dibuat oleh nenek moyangmu sehingga Allah kita mendatangkan

segala malapetaka ini atas kita dan atas kota ini? Tetapi kamu mendatangkan murka yang lebih lagi atas Israel dengan menajiskan hari Sabat.”

¹⁹ Apabila menjelang hari Sabat dan gelap mula berbayang pada pintu-pintu gerbang Yerusalem, aku memerintahkan agar pintu-pintu itu ditutup dan tidak dibuka sehingga berlalunya Sabat. Kemudian kutempatkan beberapa orang anak buahku di pintu-pintu gerbang supaya jangan ada muatan yang masuk pada hari Sabat. ²⁰ Tetapi sekali atau dua kali, para pedagang dan penjual segala jenis barang dagangan bermalam di luar Yerusalem. ²¹ Lalu aku mengingatkan mereka, kataku, “Mengapa kamu bermalam di depan tembok? Kalau kamu berbuat begitu sekali lagi, aku akan mengambil tindakan terhadap kamu.” Sejak masa itu mereka tidak datang lagi pada hari Sabat. ²² Kemudian kusuruh bani Lewi menyucikan diri lalu pergi menjaga pintu-pintu gerbang supaya hari Sabat disucikan.

Ya Allahku, ingatlah aku kerana hal ini juga. Sayangilah aku menurut kasih abadi-Mu yang berlimpah-ruah.

²³ Pada waktu itu juga kulihat beberapa orang Yahudi telah memperisteri perempuan bangsa Asdod, Amon, dan Moab. ²⁴ Sesetengah anak

mereka berbicara dalam bahasa Asdod. Mereka tidak boleh berbicara dalam bahasa Yehuda, hanya bahasa bangsa-bangsa tadi. ²⁵ Maka berbantahlah aku dengan mereka. Kukutuk mereka, kupukul beberapa orang daripada mereka, kucabut rambut mereka, dan kusuruh mereka bersumpah demi Allah, kataku, “Jangan berikan anak-anak perempuanmu kepada anak-anak lelaki mereka dan jangan ambil anak-anak perempuan mereka untuk menjadi isteri bagi anak-anak lelakimu atau bagi dirimu sendiri. ²⁶ Bukankah kerana hal itu Salomo, raja Israel, telah berdosa? Padahal antara banyak bangsa tidak ada raja sepertinya. Dia dikasihi Allahnya dan Allah mengangkatnya menjadi raja atas seluruh Israel. Namun demikian, dia terjerumus ke dalam dosa atas sebab para perempuan asing. ²⁷ Haruskah kami mendengar bahawa kamu juga melakukan segala kejahatan yang besar itu dan berbuat mungkar terhadap Allah kita dengan memperisteri perempuan-perempuan asing?” ²⁸ Salah seorang anak Imam Besar Yoyada anak Elyasib menjadi menantu Sanbalat, si bani Horon itu. Lantas kuusir dia dari hadapanku.

²⁹ Ya Allahku, ingatlah mereka, kerana mereka mencemari jawatan imam serta perjanjian tentang keimaman dan bani Lewi.

³⁰ Demikianlah kusucikan mereka daripada semua yang asing dan kutetapkan tugas-tugas para imam serta bani Lewi dalam pekerjaan masing-masing. ³¹ Kutetapkan juga cara penyediaan persembahan kayu api pada waktu-waktu tertentu dan juga persembahan hasil-hasil pertama.

Ya Allahku, ingatlah aku demi kesejahteraanku.

ESTER

Jamuan Raja Ahasyweros

1 ¹ Peristiwa ini berlaku pada zaman Ahasyweros yang memerintah seratus dua puluh tujuh buah wilayah, dari India hingga Ethiopia. ² Pada zaman itu, ketika Raja Ahasyweros bersemayam di atas takhta kerajaannya di dalam puri Susan, ³ pada tahun ketiga pemerintahannya, baginda mengadakan jamuan untuk kesemua pembesar dan pegawainya. Tentera Parsi dan Media serta kaum bangsawan, dan para pembesar wilayah hadir di hadapan baginda ⁴ sementara baginda mempamerkan kekayaan kerajaannya yang mulia, kemegahan dan keagungannya berhari-hari lamanya iaitu selama seratus delapan puluh hari.

⁵ Setelah hari-hari itu berakhir, raja mengadakan jamuan selama tujuh hari di laman taman istana diraja untuk seluruh rakyat yang ada di puri Susan, daripada yang besar sampai kepada yang kecil. ⁶ Kelengkapan dan perhiasan di situ

termasuk tirai-tirai kain linen putih dan biru diikatkan dengan tali-tali linen halus dan ungu pada gegelang perak serta tiang-tiang marmar. Kerusi-kerusi panjang bertilam daripada emas dan perak diletakkan di atas lantai pualam putih, marmar, mutiara, serta pualam hitam. ⁷ Minuman disajikan di dalam wadah-wadah emas yang berbeza antara satu sama lain. Air anggur diraja berlimpah-ruah, selaras dengan kemurahan hati raja. ⁸ Acara minum itu pun dijalankan sesuai mengikut aturan dan tanpa paksaan, kerana raja telah berpesan kepada semua pembesar istananya agar mereka memenuhi keinginan setiap orang.

⁹ Sementara itu Ratu Wasti juga mengadakan jamuan bagi kaum perempuan di istana diraja Raja Ahasyweros.

Keingkaran Ratu Wasti

¹⁰ Pada hari ketujuh, ketika baginda riang dibuai oleh kesan air anggur, baginda memerintahkan Mehuman, Bizta, Harbona, Bigta, Abagta, Zetar, dan Karkas, iaitu ketujuh-tujuh orang sida yang melayani Raja Ahasyweros secara peribadi, ¹¹ supaya membawa Ratu Wasti menghadap raja dengan memakai mahkota diraja. Baginda mahu memperlihatkan kecantikan sang ratu kepada rakyat dan para pembesar, kerana wajah sang

ratu sememangnya sangat cantik. ¹² Akan tetapi, Ratu Wasti menolak untuk datang memenuhi perintah raja yang disampaikan oleh para sida itu lantas raja menjadi sangat murka dan begitu menyala-nyala kemurkaan baginda.

¹³ Raja pun bertanya kepada para bijak pandai yang memahami adat kebiasaan zaman itu kerana raja memang biasa mendapatkan nasihat mengenai hukum-hakam daripada para ahli hukum. ¹⁴ Antara pembesar yang terdekat dengan baginda ialah Karsena, Setar, Admata, Tarsis, Meres, Marsena, dan Memukan, iaitu tujuh orang pembesar Parsi dan Media yang boleh memandang wajah raja dan yang memiliki kedudukan utama dalam kerajaan. ¹⁵ “Apakah yang harus dilakukan terhadap Ratu Wasti menurut undang-undang, kerana dia tidak patuh kepada perintah Raja Ahasyweros yang disampaikan kepadanya oleh para sida?”

¹⁶ Lalu Memukan menjawab di hadapan raja dan para pembesar itu, “Ratu Wasti bukan hanya bersalah terhadap Raja, bahkan kesalahannya terhadap semua pembesar serta segala bangsa yang ada di seluruh wilayah Raja Ahasyweros juga. ¹⁷ Hal keingkaran sang ratu akan diketahui oleh semua perempuan, sehingga mereka akan memandang rendah terhadap suami mereka dan berkata, ‘Raja Ahasyweros

memerintahkan supaya Ratu Wasti dibawa menghadap baginda, tetapi dia enggan datang.¹⁸ Maka pada hari ini isteri para pembesar Parsi dan Media, yang mendengar kelakuan sang ratu, akan berkata seperti itu juga kepada semua pembesar raja, dan akan banyaklah penghinaan dan kemarahan.¹⁹ Sekiranya tuanku berkenankan hendaklah tuanku mengeluarkan suatu perisytiharan diraja dan dicatatkan dalam undang-undang orang Parsi dan Media dan tidak dapat dimansuhkan, bahawa Wasti tidak boleh datang lagi menghadap Raja Ahasyweros, dan bahawa raja akan mengurniakan kedudukannya sebagai ratu kepada orang lain yang lebih baik daripadanya.²⁰ Hendaklah titah diraja ini diisytiharkan dan dicanang di seluruh kerajaan, betapa besar pun kerajaan itu, sehingga semua isteri akan menghormati suami mereka, baik orang atasan mahupun orang bawahan.”

²¹ Kewajaran usul itu diterima baik oleh raja serta para pembesar, lalu bertindaklah raja selaras dengan usul Memukan itu.²² Baginda mengirinkan surat-surat ke semua wilayah kerajaan, iaitu kepada setiap wilayah menurut tulisannya dan kepada setiap bangsa menurut bahasanya, yang mengumumkan bahawa setiap lelaki harus menjadi ketua rumah tangganya dan menggunakan bahasa bangsanya sendiri.

Ester terpilih menjadi ratu

2¹ Sesudah pelbagai peristiwa itu, setelah surut kemurkaan Raja Ahasyweros, baginda teringat kepada Wasti, dan apa yang telah dilakukannya dan yang telah diputuskan atasnya.² Maka berkatalah orang suruhan yang melayani baginda, “Biarlah dicari para anak dara yang menarik paras rupa bagi Raja³ eloklah Raja melantik para petugas di seluruh wilayah kerajaannya untuk mengumpulkan anak dara yang menarik paras rupa mereka di dalam puri Susan di balai perempuan, di bawah pengawasan Hegai, sida Raja yang bertugas menjaga para perempuan; dan mereka hendaklah diberi segala alat solekan yang dikehendaki mereka.⁴ Nanti, biarlah gadis yang terbaik di mata Raja menjadi ratu untuk menggantikan Wasti.”

Usul itu dipandang baik oleh raja dan baginda pun berbuat demikian.

⁵ Pada waktu itu di puri Susan ada seorang Yahudi bernama Mordekhai anak Yair anak Simei anak Kish, seorang Benyamin⁶ yang dibawa ke dalam pembuangan dari Yerusalem berserta kalangan yang dibuang bersama-sama Yekhonya, raja Yehuda, oleh Nebukadnezar, raja

Babel. ⁷ Mordekhai bertindak sebagai penjaga yang membesarkan Hadasa, iaitu Ester, anak perempuan bapa saudaranya, memandangkan anak itu tidak lagi mempunyai ibu atau ayah. Gadis itu menarik lagi cantik paras rupanya. Setelah kematian ibu dan ayahnya, dia menjadi anak angkat Mordekhai.

⁸ Setelah tersiarnya titah perintah raja itu, ramai gadis yang dikumpulkan di dalam puri Susan, di bawah pengawasan Hegai. Ester juga dibawa masuk ke dalam istana raja dan ditempatkan di bawah pengawasan Hegai, yang bertugas menjaga para perempuan.

⁹ Gadis itu menyenangi Hegai dan memenangi hatinya. Hegai segera menyediakan segala alat persolekan dan peruntukan makanannya. Dia turut memberinya tujuh orang dayang pilihan dari istana raja dan memindahkan gadis itu bersama-sama dayang-dayangnya ke tempat yang terbaik di balai perempuan.

¹⁰ Ester tidak mendedahkan asal usulnya atau suku bangsanya kerana Mordekhai melarangnya berbuat demikian. ¹¹ Maka setiap hari Mordekhai berjalan-jalan di depan laman balai perempuan untuk mengetahui keadaan Ester dan apa yang akan terjadi kepadanya.

¹² Setelah dirawat dua belas bulan lamanya, selaras dengan peraturan bagi para perempuan,

iaitu tempoh perawatan yang harus dilalui: enam bulan dengan minyak damar wangi dan enam bulan dengan pelbagai salap serta wangi-wangian, maka setiap gadis mendapat giliran untuk masuk menghadap Raja Ahasyweros.

¹³ Ketika tiba giliran seorang gadis masuk menghadap raja, beginilah aturannya: Apa-apa sahaja yang dimintanya haruslah diberikan kepadanya untuk dibawa dari balai perempuan ke dalam istana raja. ¹⁴ Pada waktu petang, dia akan masuk, lalu pada pagi esoknya dia akan kembali ke balai perempuan kedua di bawah pengawasan Saasgas, sida raja yang bertugas menjaga para gundik baginda. Selanjutnya gadis itu tidak akan masuk menghadap raja lagi kecuali jika raja suka kepadanya dan dia dipanggil dengan disebutkan namanya.

¹⁵ Ketika tiba giliran Ester anak Abihail, iaitu bapa saudara Mordekhai yang mengambil Ester sebagai anak angkatnya untuk masuk menghadap raja, dia tidak meminta apa-apa selain yang dianjurkan oleh Hegai, sida raja yang bertugas menjaga para perempuan. Maka Ester menimbulkan rasa sayang di mata semua orang yang melihat dia. ¹⁶ Kemudian Ester dibawa menghadap Raja Ahasyweros di istana kerajaannya pada bulan kesepuluh, iaitu bulan Tebet, pada tahun ketujuh pemerintahan

baginda. ¹⁷ Raja mencintai Ester melebihi semua perempuan yang lain dan baginda raja berkenan serta menyayanginya melebihi semua anak dara yang lain, lantas baginda mengenakan mahkota diraja di atas kepalanya dan melantik dia sebagai ratu untuk menggantikan Wasti.

¹⁸ Setelah itu, raja mengadakan jamuan besar bagi semua pembesar dan pegawainya, iaitu jamuan meraikan Ester. Baginda juga melepaskan wilayah-wilayah dalam kerajaannya daripada membayar cukai dan mengurniakan pelbagai pemberian selaras dengan kemurahan hati raja.

Mordekhai mendengar tentang satu komplot

¹⁹ Pada masa pengumpulan anak dara yang kali keduanya, Mordekhai duduk di pintu gerbang istana raja. ²⁰ Seperti yang dipesankan Mordekhai kepadanya, Ester belum lagi memberitahu fasal asal usulnya dan suku bangsanya. Ester memang tetap patuh terhadap pesanan Mordekhai sebagaimana ketika dia masih diasuh dan dididik bapa angkatnya.

²¹ Pada masa itu, ketika Mordekhai duduk di pintu gerbang istana raja, dua orang sida raja, iaitu Bigtan dan Teres, yang menjaga pintu masuk kediaman diraja, berkomplot untuk membunuh Raja Ahasyweros kerana sakit hati. ²² Hal itu diketahui oleh Mordekhai

dan ia pun memberitahukannya kepada Ratu Ester. Selanjutnya Ester memberitahukan hal itu kepada raja atas nama Mordekhai. ²³ Ketika hal itu disiasat dan didapati benar, kedua-dua orang itu pun digantung di atas pokok. Lalu peristiwa ini dituliskan dalam kitab sejarah di hadapan raja.

Komplot Haman terhadap orang Yahudi

3 ¹ Beberapa waktu sesudah berbagai-bagai peristiwa itu, Raja Ahasyweros mengurniakan kebesaran kepada bani Agag iaitu Haman anak Hamedata. Dengan demikian, baginda meninggikannya serta menetapkan kedudukannya di atas semua pembesar baginda. ² Kesemua pegawai raja yang berada di pintu gerbang istana berlutut dan memberi hormat kepada Haman sebagaimana yang diperintahkan raja mengenai Haman. Akan tetapi, Mordekhai enggan berlutut dan memberi hormat. ³ Lalu para pegawai raja yang ada di pintu gerbang istana pun berkata kepada Mordekhai, “Mengapakah kamu melanggar perintah raja?” ⁴ Setelah mereka menegurnya hari demi hari namun dia tetap tidak mahu mengendahkan perintah itu, mereka pun menyampaikan hal itu kepada Haman. Mereka ingin melihat apakah Mordekhai akan tetap dengan pendiriannya apatah lagi dia telah memberitahu mereka bahawa dia seorang

Yahudi. ⁵ Begitu meluap-luap amarah Haman apabila dilihatnya betapa Mordekhai tidak berlutut dan memberi hormat kepadanya. ⁶ Akan tetapi, Haman mencemuh dirinya sekiranya Mordekhai sahaja yang dibunuh. Oleh itu, setelah Haman diberitahu tentang bangsa Mordekhai, dia berikhtiar untuk memusnahkan seluruh orang Yahudi, iaitu bangsa Mordekhai, yang berada di seluruh kerajaan Ahasyweros.

⁷ Pada bulan pertama, iaitu bulan Nisan, pada tahun kedua belas zaman Raja Ahasyweros, Haman menyuruh orang membuang pur, iaitu mencabut undi di hadapannya untuk menentukan hari dan bulan. Undi itu terjatuh pada bulan kedua belas, iaitu bulan Adar.

⁸ Maka berkatalah Haman kepada Raja Ahasyweros, “Ada bangsa tertentu yang terpecar dan tersebar antara pelbagai suku kaum dalam seluruh wilayah kerajaan tuanku. Mereka patuh kepada undang-undang yang berbeza daripada perundangan segala bangsa dan mereka tidak mematuhi hukum Raja. Maka tidaklah patut Raja membiarkan mereka berbuat sedemikian. ⁹ Dengan perkenan tuanku, biarlah dikeluarkan surat perintah untuk membinasakan mereka. Hamba akan membayar sepuluh ribu talenta perak untuk dimasukkan ke dalam perbendaharaan Raja untuk dibayar kepada

para pegawai yang menjalankan tugas yang berkenaan.”

¹⁰ Maka raja mencabut cincin materai daripada tangannya lalu dikurniakannya kepada Haman anak Hamedata, bani Agag, yang bermusuhan dengan orang Yahudi itu. ¹¹ Titah raja kepada Haman, “Perak itu kuberikan kepadamu, maka kamu lakukanlah atas bangsa itu menurut cara yang kaupandang baik.”

¹² Maka para jurutulis diraja dipanggil pada hari ketiga belas pada bulan pertama. Sesuai seperti segala yang diperintahkan Haman, mereka pun menulis surat kepada wakil raja, kepada pembesar yang mengetuai setiap wilayah, dan kepada bangsawan setiap bangsa, setiap wilayah menurut tulisannya dan setiap bangsa menurut bahasanya. Surat itu ditulis atas nama Raja Ahasyweros dan dimaterai dengan cincin materai raja. ¹³ Surat-surat itu dikirimkan ke seluruh wilayah kerajaan melalui para utusan pantas. Isinya ialah perintah untuk memusnahkan, membunuh, dan menghapuskan semua orang Yahudi sama sekali, daripada yang muda sampai yang tua, termasuk kanak-kanak dan kaum wanita, dalam satu hari, iaitu pada hari ketiga belas pada bulan kedua belas, bulan Adar, dan untuk merampas harta benda mereka. ¹⁴ Salinan surat perintah itu dijadikan undang-undang di

setiap wilayah dan diumumkan kepada segala bangsa supaya mereka bersiap-siap menjelang hari itu.

¹⁵ Lalu bersegeralah para utusan pantas pergi demi melaksanakan perintah raja. Titah itu dikeluarkan di puri Susan. Maka, sementara raja dan Haman duduk minum-minum, gemparlah seluruh kota Susan.

Ester menanggung risiko demi orang Yahudi

4 ¹ Apabila Mordekhai mengetahui segala yang berlaku itu, dia mengoyakkan pakaiannya lalu memakai pakaian perkabungan dan abu. Keluarlah dia ke tengah-tengah kota sambil berteriak-teriak dengan nyaring dan pedih.

² Namun begitu, dia sekadar sampai ke hadapan pintu gerbang istana raja, kerana tiada sesiapa yang boleh memasuki pintu gerbang istana raja dengan memakai pakaian perkabungan. ³ Begitu jugalah keadaan di setiap wilayah, di mana-mana sahaja perintah dan undang-undang raja itu dihebahkan, maka orang Yahudi berkabung serta berpuasa, dan meratap tangis. Ramai orang yang menghamparkan kain kabung dengan abu sebagai alas tidur.

⁴ Ketika para dayang dan sida Ester datang memaklumkan hal itu kepadanya, sang ratu teramat susah hati. Lalu dikirimkannya pakaian

kepada Mordekhai supaya dia menggantikan pakaian perkabungan di tubuhnya, tetapi Mordekhai enggan menerimanya. ⁵ Lalu Ester memanggil Hatah, salah seorang sida raja yang dikhaskan raja untuk melayaninya. Disuruhnya Hatah menemui Mordekhai untuk mengetahui apa yang sedang terjadi dan apa yang menyebabkannya. ⁶ Maka Hatah pergi menemui Mordekhai di lapangan kota yang terletak di depan pintu gerbang istana raja. ⁷ Disampaikanlah oleh Mordekhai kepada Hatah segala sesuatu yang dialaminya dan berapa banyak wang yang dijanjikan Haman untuk dibayar kepada perbendaharaan raja sebagai harga pembinaan orang Yahudi. ⁸ Dia juga memberi Hatah salinan titah yang dikeluarkan di Susan untuk memusnahkan mereka, supaya ditunjukkan kepada Ester. Hatah disuruh menyampaikan pesan kepada Ester supaya Ester pergi menghadap raja untuk memohon belas kasihan baginda dan mengajukan rayuan bagi bangsanya di hadapan baginda. ⁹ Maka pergilah Hatah untuk menyampaikan kata-kata Mordekhai kepada Ester. ¹⁰ Lalu Ester menyuruh Hatah menyampaikan pesan kepada Mordekhai, ¹¹ “Semua pegawai raja dan rakyat di wilayah-wilayah kerajaan tahu bahawa hukuman mati ialah satu-satunya peraturan bagi setiap laki-laki

atau perempuan yang masuk menghadap raja di laman dalam, tanpa dipanggil. Hanya jika raja menghulurkan cokmar emas kepadanya, barulah dia dapat tetap hidup. Tetapi sudah selama tiga puluh hari, aku belum juga dipanggil masuk menghadap raja.”

¹² Ketika kata-kata Ester itu disampaikan kepada Mordekhai, ¹³ dia menyuruh agar disampaikan jawapan ini kepada Ester, “Jangan sangka kerana kamu berada di dalam istana raja, hanya kamu daripada antara orang Yahudi yang kelak terlepas. ¹⁴ Jika pada saat ini engkau berdiam diri sahaja, maka kelegaan dan pembebasan bagi orang Yahudi akan datang daripada pihak lain, tetapi engkau dan kaum keluargamu akan binasa. Siapa tahu, mungkin untuk saat seperti inilah engkau telah mencapai kedudukan diraja dalam kerajaan itu.”

¹⁵ Lalu Ester menyuruh agar jawapan ini disampaikan kepada Mordekhai, ¹⁶ “Pergilah, kumpulkan semua orang Yahudi yang ada di Susan dan berpuasalah untuk aku. Jangan makan dan jangan minum selama tiga hari, baik malam mahupun siang. Aku dan para dayangku pun akan berpuasa secara demikian, kemudian aku akan masuk menghadap raja, sekalipun bertentangan dengan undang-undang. Jika kerana itu aku harus binasa, biarlah aku binasa.”

¹⁷ Maka pergilah Mordekhai lalu dilakukannya sebagaimana yang diarahkan oleh Ester kepadanya.

Ratu Ester menghadap Raja Ahasyweros

5 ¹ Maka pada hari ketiga, Ester mengenakan pakaian diraja lalu berdiri di laman dalam istana raja, tepat di hadapan istana raja. Raja sedang bersemayam di atas takhta kerajaan, di dalam istana, berhadapan dengan pintu gerbang istana. ² Apabila raja terlihat bahawa Ratu Ester berdiri di laman dalam, baginda perkenankannya lalu menghulurkan cokmar emas di tangannya kepada Ester. Ester pun mendekati lalu menyentuh hujung cokmar itu. ³ Raja bertitah kepadanya, “Apakah kemahuanmu, Ratu Ester? Apa-apa pun permintaanmu, sekalipun kamu mahu sampai separuh daripada kerajaan pun akan diberikan kepadamu.”

⁴ Jawab Ester, “Jika tuanku perkenankan, sudilah kiranya tuanku dan Haman datang pada hari ini ke jamuan yang hamba adakan untuk tuanku.”

⁵ Maka raja memberikan perintah, “Suruhlah Haman bergegas ke mari supaya kami dapat memenuhi permintaan Ester.” Maka datanglah raja dan Haman ke jamuan yang diadakan oleh Ester. ⁶ Ketika baginda minum air anggur, raja berkata kepada Ester, “Apakah permohonanmu?”

Pasti akan dikabulkan untukmu. Apakah permintaanmu? Meskipun sampai separuh daripada kerajaan ini pun akan dipenuhi.”

⁷ Jawab Ester, “Inilah permohonan dan permintaan hamba: ⁸ jika tuanku bermurah hati kepada hamba dan jika baik menurut tuanku untuk meluluskan permohonan hamba dan memenuhi permintaan hamba itu, sudilah kiranya tuanku datang lagi berserta Haman pada hari esok ke jamuan yang akan hamba adakan untuk tuanku dan Haman. Esok hamba akan menjawab pertanyaan tuanku.”

Haman berkomplot untuk membunuh Mordekhai

⁹ Pada hari itu Haman keluar dengan gembira dan riang hati. Akan tetapi, apabila Haman melihat Mordekhai yang ada di pintu gerbang istana raja tidak bangkit berdiri dan tidak bergerak untuk memberi hormat kepadanya, meluap-luaplah amarahnya terhadap Mordekhai. ¹⁰ Namun begitu Haman menahan dirinya lalu pulang ke rumah. Maka dia mengundang para sahabatnya untuk datang menyertainya serta Zeres, isterinya. ¹¹ Berceritalah Haman kepada mereka tentang kemuliaan dan kekayaannya serta fasal berapa ramai anak lelakinya, tentang segala kebesaran yang dikurniakan baginda

raja kepadanya, dan tentang kedudukannya yang ditinggikan melebihi para pembesar serta pegawai raja yang lain. ¹² Haman menambah, “Bukan itu sahaja, Ratu Ester hanya mengundang aku seorang untuk datang bersama-sama raja ke jamuan yang diadakannya. Esok juga aku diundangnya bersama-sama raja. ¹³ Tetapi semua ini tidak berfaedah bagiku selagi aku melihat Mordekhai, si orang Yahudi itu, duduk di pintu gerbang istana raja.”

¹⁴ Lalu Zeres, isterinya, dan semua sahabatnya berkata kepadanya, “Suruhlah orang membuat tempat penggantungan bertiang kayu setinggi lima puluh hasta dan esok pagi berbicaralah kepada raja supaya Mordekhai digantung pada tiang itu. Kemudian barulah engkau dapat pergi dengan gembira bersama-sama raja ke jamuan itu.” Usul itu dipandang baik oleh Haman, lalu disuruhnya orang membuat tempat penggantungan itu.

Mordekhai diberi kehormatan

6 ¹ Pada malam itu raja tidak dapat tidur lalu baginda memerintahkan agar kitab catatan babad diambil dan dibaca di hadapan baginda.

² Ada tertulis di dalam babad bahawa Mordekhai pernah melaporkan Bigtan dan Teres, dua orang sida raja yang menjaga pintu masuk kediaman

diraja, berikhtiar untuk membunuh Raja Ahasyweros.³ Lalu bertanyalah raja, “Apakah kehormatan dan kebesaran yang dikurniakan kepada Mordekhai atas jasanya itu?”

Jawab orang suruhan yang melayani baginda, “Apa-apa pun tidak dikurniakan kepadanya.”

⁴ Raja bertanya pula, “Siapakah yang berada di laman dalam itu?”

Pada waktu itu Haman baru masuk ke laman luar istana raja untuk mengusulkan kepada raja supaya Mordekhai digantung pada tempat penggantungan yang telah disediakan untuknya.

⁵ Jawab orang suruhan raja kepada baginda, “Haman yang berdiri di laman dalam.”

Kata raja, “Benarkan dia masuk.”

⁶ Setelah Haman masuk, bertanyalah raja kepadanya, “Kalau raja hendak memberikan kehormatan kepada seseorang, apakah yang sebaiknya dilakukan terhadap orang itu?”

Maka Haman berkata dalam hatinya, “Selain aku, siapakah lagi yang raja mahu beri kehormatan?”

⁷ Maka jawab Haman kepada raja, “Kalau raja hendak memberikan kehormatan kepada orang itu,⁸ hendaklah dikeluarkan pakaian diraja yang pernah dipakai raja dan kuda tunggangan raja sendiri yang di atas kepalanya diletakkan sebuah mahkota diraja.⁹ Hendaklah pakaian

dan kuda itu diserahkan ke tangan seorang daripada para pembesar raja, iaitu daripada kaum bangsawan, kemudian orang itu harus memakaikannya kepada orang yang raja mahu beri kehormatan itu, dan seterusnya mengarak dia berkuda di lapangan kota sambil berseru di depannya, 'Beginilah diperlakukan kepada orang yang dihormati raja!' "

¹⁰ Lalu raja bertitah kepada Haman, "Segeralah ambil pakaian dan kuda seperti yang kamu katakan itu dan lakukanlah sebegitu kepada Mordekhai, orang Yahudi itu, yang duduk di pintu gerbang istana diraja. Jangan ada sepatah kata pun yang kurang daripada semua yang kamu katakan itu."

¹¹ Maka Haman mengambil pakaian dan kuda itu, lalu mengenakannya kepada Mordekhai dan mengaraknya berkuda di lapangan kota sambil berseru di depannya, "Beginilah diperlakukan kepada orang yang dihormati raja!"

¹² Setelah itu, Mordekhai kembali ke pintu gerbang istana raja, tetapi Haman terburu-buru pulang ke rumahnya dengan berdukacita dan dengan kepalanya berselubung. ¹³ Haman menceritakan kepada Zeres, isterinya, dan kepada semua sahabatnya tentang segala yang dialaminya. Para bijaksana dan juga Zeres, isterinya, berkata kepadanya, "Jika air mukamu

sudah mulai jatuh di hadapan orang Yahudi iaitu Mordekhai itu, maka kamu tidak akan sanggup mengalahkannya. Sebaliknya, kamu pasti jatuh di hadapannya.”

¹⁴ Pada waktu mereka sedang berbicara itu, datanglah bentara raja dan bersegeralah mereka membawa Haman ke jamuan yang diadakan oleh Ester itu.

Haman dihukum gantung

7 ¹ Maka datanglah raja dan Haman untuk menikmati jamuan bersama-sama Ratu Ester. ² Berkatalah raja kepada Ester dalam jamuan air anggur pada hari kedua itu, “Apakah permohonanmu, wahai Ratu Ester? Pasti akan dikabulkan bagimu. Apakah permintaanmu? Meskipun sampai separuh daripada kerajaan ini pun akan dipenuhi.”

³ Jawab Ratu Ester, “Jika tuanku bermurah hati kepada hamba, ya Raja, dan jika Raja berkenankan, biarlah nyawa hamba dikurniakan kepada hamba atas permohonan hamba, begitu jugalah, hamba memohon nyawa bangsa hamba. ⁴ Kami ini, hamba abdi dan bangsa hamba abdi yang telah dijual untuk dimusnahkan, dibunuh, dan dihapuskan. Sekiranya kami hanya dijual sebagai hamba abdi lelaki dan perempuan, tentulah hamba akan berdiam diri, kerana

masalah sedemikian tidak seharusnya dibawa untuk mengganggu raja.”

⁵ Lalu Raja Ahasyweros bertanya kepada Ratu Ester, “Siapakah orang itu dan di manakah dia yang memandai-mandai berniat untuk berbuat demikian?”

⁶ Jawab Ester, “Penganiaya dan musuh itu ialah Haman yang jahat ini!”

Lantas Haman menjadi tersangat takut di hadapan raja dan ratu. ⁷ Dalam kemurkaannya, raja segera meninggalkan jamuan air anggur itu lalu pergi ke taman istana. Tetapi Haman terus berada di situ untuk meminta nyawanya daripada Ratu Ester, kerana sedarlah dia betapa raja telah memutuskan untuk menghukumnya dengan dahsyat sekali. ⁸ Ketika raja kembali dari taman istana ke tempat jamuan air anggur, Haman sedang bersujud di bangku bertilam tempat Ester berada. Kata raja, “Adakah dia juga hendak memaksa dirinya ke atas ratu pula di hadapanku di dalam istana?”

Sebaik sahaja terpacul kata-kata itu daripada mulut raja, para panglima raja terus menyelubungkan muka Haman. ⁹ Harbona, salah seorang sida yang melayani raja, berkata, “Di rumah Haman sudah ada tempat penggantungan daripada kayu setinggi lima puluh hasta. Haman

membuatnya untuk Mordekhai, orang yang menyelamatkan raja dengan pelaporannya itu.”

Kata raja, “Gantung dia pada tempat penggantungan itu.”

¹⁰ Lalu Haman digantung pada tempat penggantungan daripada kayu yang disiapkannya untuk Mordekhai. Maka surutlah kemurkaan raja.

Orang Israel diarahkan menentang musuh mereka

8 ¹ Pada hari itu juga Raja Ahasyweros mengurniakan harta pusaka Haman, musuh orang Yahudi itu, kepada Ratu Ester. Lalu datanglah Mordekhai menghadap raja, kerana Ester telah memberitahu fasal pertalian Mordekhai dengannya. ² Raja mencabut cincin materainya yang telah diambil kembali daripada Haman, dan mengurniakannya kepada Mordekhai. Lalu Ester pun mengangkat Mordekhai sebagai penguasa atas harta pusaka Haman.

³ Kemudian, Ester berbicara lagi kepada raja sambil bersujud di kaki baginda. Dengan menangis dia memohon belas kasihan supaya baginda membatalkan niat jahat Haman, bani Agag itu dalam hal rancangannya untuk membinasakan orang Yahudi. ⁴ Apabila baginda

menghulurkan cokmar emas kepada Ester, maka bangkit dan berdirilah Ester di hadapan baginda.

⁵ Dia berkata, “Jika baik menurut raja dan jika tuanku bermurah hati kepada hamba sehingga hal ini dipandang benar oleh raja dan hamba mendapat perkenan tuanku, maka biarlah tuanku mengeluarkan perintah untuk menarik balik surat-surat Haman anak Hamedata, bani Agag itu, yang ditulisnya dengan muslihat untuk membinasakan orang Yahudi di seluruh wilayah kerajaan. ⁶ Bagaimanakah mungkin hamba dapat melihat malapetaka yang akan menimpa bangsa hamba? Bagaimanakah dapat hamba melihat pembinasan sanak saudara hamba?”

⁷ Titah Raja Ahasyweros kepada Ratu Ester dan kepada Mordekhai, orang Yahudi itu, “Sesungguhnya, aku telah memberikan harta pusaka Haman kepada Ester, dan Haman sendiri telah digantung di tempat penggantungan atas sebab dia berniat memusnahkan orang Yahudi.

⁸ Kamu boleh menulis surat atas nama raja tentang orang Yahudi menurut apa yang kamu pandang baik. Materaikanlah surat itu dengan cincin materai raja, kerana surat yang ditulis atas nama raja dan yang dimaterai dengan cincin materai raja tidak dapat ditarik balik.”

⁹ Maka para jurutulis raja dipanggil pada ketika itu juga, iaitu pada hari kedua puluh tiga dalam

bulan ketiga, yaitu bulan Siwan. Maka semua yang diarahkan oleh Mordekhai itu dituliskan dalam surat kepada orang Yahudi dan juga kepada para wakil raja, para pembesar, dan para pegawai wilayah dari India sampai ke Ethiopia, seratus dua puluh tujuh wilayah semuanya – setiap wilayah menurut tulisannya, setiap bangsa menurut bahasanya, dan kepada orang Yahudi menurut tulisan dan bahasa mereka.¹⁰ Surat itu ditulis atas nama Raja Ahasyweros dan dimaterai dengan cincin materai raja, lalu dikirimkan dengan perantaraan para utusan pantas yang berkuda. Kuda-kuda yang ditunggangi mereka ialah kuda-kuda teji yang ditenakkan di ladang kuda diraja.

¹¹ Di dalam surat itu raja mengizinkan orang Yahudi yang ada di setiap kota untuk berkumpul dan mempertahankan diri masing-masing. Mereka boleh memusnahkan, membunuh, dan membinasakan mana-mana pasukan bangsa dan wilayah yang hendak menyerang mereka beserta kanak-kanak dan kaum perempuan mereka, dan boleh merampas harta milik kumpulan orang itu.

¹² Hal itu hendaklah dilakukan dalam satu hari di seluruh wilayah Raja Ahasyweros, yaitu pada hari ketiga belas pada bulan kedua belas, bulan Adar.

¹³ Salinan titah itu dijadikan undang-undang di setiap wilayah dan diumumkan kepada segala

bangsa, supaya orang Yahudi bersiap menjelang hari itu untuk menuntut balas atas para musuh mereka. ¹⁴ Para utusan pantas yang menunggang kuda teji kerajaan pun bersegeralah pergi atas perintah raja itu. Undang-undang itu juga dibentangkan di dalam puri Susan.

¹⁵ Kemudian Mordekhai keluar dari hadapan raja dengan memakai pakaian kerajaan berwarna biru dan putih, dengan mahkota emas yang besar, dan jubah daripada kain linen halus berwarna ungu. Seisi kota Susan pun bersorak-sorak dan bersukacita. ¹⁶ Dengan itu, orang Yahudi beroleh rasa selesa dan sukacita, kegirangan dan hormat. ¹⁷ Di setiap wilayah dan di setiap kota, di mana-mana sahaja perintah dan undang-undang raja itu sampai, ada sukacita dan kegirangan dalam kalangan orang Yahudi, ada jamuan dan hari yang baik hinggakan ramai orang di negeri itu menjadi orang Yahudi kerana diri mereka dilanda oleh rasa takut terhadap orang Yahudi.

Orang Israel berjaya mengatasi musuh mereka

9 ¹ Maka pada hari ketiga belas pada bulan kedua belas, iaitu bulan Adar, apabila berkuat kuasanya perintah dan titah raja, musuh orang Yahudi berharap akan berkuasa atas mereka. Namun begitu, hal yang sebaliknya terjadi, kerana orang Yahudi pula berkuasa atas pihak-pihak yang

memusuhi mereka. ² Berkumpullah orang Yahudi di kota-kota raya mereka di seluruh wilayah Raja Ahasyweros untuk memusnahkan orang yang merancangkan kejahatan terhadap mereka. Tiada seorang pun yang dapat bertahan menghadapi mereka atas sebab semua bangsa dilanda oleh rasa takut terhadap orang Yahudi. ³ Kesemua pegawai wilayah, wakil raja, pembesar, dan pentadbir kerajaan membantu orang Yahudi, kerana mereka dilanda oleh rasa takut terhadap Mordekhai. ⁴ Mordekhai memang menonjol di dalam istana raja dan kemasyhurannya tersebar ke seluruh wilayah lantaran pengaruhnya semakin besar. ⁵ Orang Yahudi mengalahkan semua musuh mereka dengan mata pedang, dengan pembunuhan, dan pembinasaan. Mereka berbuat sesuka hati terhadap kalangan yang membenci mereka.

⁶ Di dalam puri Susan sahaja orang Yahudi membunuh dan membinasakan lima ratus orang. ⁷ Mereka juga membunuh Parsandata, Dalfon, Aspata, ⁸ Porata, Adalya, Aridata, ⁹ Parmasta, Arisai, Aridai, dan Waizata, ¹⁰ kesepuluh-sepuluh orang anak lelaki Haman anak Hamedata, musuh orang Yahudi itu. Tetapi mereka tidak merampas harta benda musuh mereka.

¹¹ Pada hari yang sama, jumlah orang yang dibunuh di puri Susan disampaikan kepada raja.

¹² Kata raja kepada Ratu Ester, “Di dalam puri Susan sahaja orang Yahudi telah membunuh dan membinasakan lima ratus orang beserta kesepuluh-sepuluh anak Haman. Entah apa pula yang dilakukan mereka di wilayah-wilayah kerajaan yang selebihnya. Sekarang, apakah permohonanmu? Pasti akan dikabulkan bagimu. Apakah lagi permintaanmu? Pasti akan dipenuhi.”

¹³ Jawab Ester, “Jika diperkenankan oleh Raja, biarlah esok juga orang Yahudi yang tinggal di Susan diizinkan berbuat selaras dengan undang-undang hari ini, dan biarlah kesepuluh-sepuluh anak Haman digantung di tempat penggantungan.” ¹⁴ Lalu Raja memberikan perintah untuk dilakukan demikian. Maka satu titah dikeluarkan di Susan dan kesepuluh-sepuluh orang anak Haman digantung. ¹⁵ Orang Yahudi yang tinggal di Susan berkumpul pula pada hari keempat belas pada bulan Adar, dan membunuh tiga ratus orang di Susan tetapi mereka tidak merampas harta benda musuh mereka.

¹⁶ Orang Yahudi lain, yang tinggal di wilayah-wilayah kerajaan, berkumpul dan menegakkan hak mereka dengan mendapat kelegaan daripada musuh mereka. Maka mereka membunuh tujuh puluh lima ribu orang yang membenci mereka, tetapi mereka tidak merampas harta benda daripada musuh mereka. ¹⁷ Peristiwa itu terjadi

pada hari ketiga belas pada bulan Adar. Mereka berhenti pada hari keempat belas pada bulan itu dan menjadikannya hari untuk mengadakan jamuan serta keraian. ¹⁸ Tetapi orang Yahudi yang tinggal di Susan berkumpul pada hari ketiga belas dan keempat belas pada bulan itu. Mereka berhenti pada hari kelima belas dan menjadikannya hari untuk mengadakan jamuan serta keraian. ¹⁹ Itulah sebabnya orang Yahudi di luar kota, iaitu penduduk kampung-kampung tidak bertembok, menjadikan hari keempat belas pada bulan Adar sebagai hari keraian dan jamuan, hari yang baik untuk saling mengirim makanan.

Penetapan Hari Raya Purim

²⁰ Mordekhai mencatat segala peristiwa itu dan mengutus surat kepada semua orang Yahudi yang tinggal di seluruh wilayah Raja Ahasyweros, baik yang dekat mahupun yang jauh ²¹ demi menyuruh mereka untuk merayakan hari keempat belas dan hari kelima belas pada bulan Adar setiap tahun. ²² Pada hari-hari itulah orang Yahudi berasa lega daripada musuh-musuh mereka dan pada bulan itulah dukacita mereka berubah menjadi sukacita, dan hari perkabungan mereka menjadi hari keraian. Mereka hendaklah menjadikan hari-hari itu sebagai hari keraian dan

jamuan, hari yang baik untuk saling mengirim makanan dan memberikan sedekah kepada kalangan miskin. ²³ Maka orang Yahudi terikat dengan perkara yang sudah mulai dilakukan mereka itu dan yang ditulis oleh Mordekhai kepada mereka.

²⁴ Sememangnya Haman anak Hamedata, bani Agag, musuh semua orang Yahudi itu, merancang untuk membinasakan orang Yahudi. Dia telah membuang pur, iaitu undi, untuk menghancurkan dan membinasakan mereka. ²⁵ Tetapi apabila perkara itu disampaikan kepada raja, maka melalui suratnya, baginda memerintahkan agar rancangan jahat yang digagaskan oleh Haman terhadap orang Yahudi itu dibalikkan atas dirinya sendiri, hinggakan dia serta anak-anaknya digantung di tempat penggantungan. ²⁶ Atas sebab itulah hari-hari itu dinamai Purim, bersempena dengan kata pur. Jadi, berdasarkan seluruh isi surat itu dan segala yang telah dilihat mereka sehubungan dengan hal itu dan apa yang telah menimpa mereka, ²⁷ orang Yahudi menerima sebagai ketetapan dan kewajipan atas diri mereka, atas keturunan mereka, dan atas semua orang yang bergabung dengan mereka, bahawa mereka tidak akan lalai merayakan kedua-dua hari itu menurut apa yang tertulis mengenai hal itu dan menurut

waktu yang ditentukan setiap tahun. ²⁸ Hari-hari itu akan diperingati dan dirayakan oleh setiap keturunan, setiap kaum, setiap wilayah, juga setiap kota. Hari-hari Purim itu tidak akan lenyap daripada kehidupan orang Yahudi dan peringatannya tidak akan luput daripada seluruh keturunan mereka.

²⁹ Kemudian, dengan segala kekuasaannya, Ratu Ester anak Abihail menulis surat bersama-sama Mordekhai, orang Yahudi itu, untuk mengesahkan surat kedua mengenai Purim.

³⁰ Mordekhai mengirimkan surat-surat kepada semua orang Yahudi di seratus dua puluh tujuh buah wilayah Raja Ahasyweros, dengan ucapan salam dan ketulusan. ³¹ Isinya menetapkan hari-hari Purim itu pada waktu yang ditentukan, sebagaimana yang telah ditetapkan bagi mereka oleh Mordekhai, orang Yahudi itu, juga oleh Ratu Ester, dan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri bagi diri mereka sendiri serta bagi keturunan mereka dalam hal berpuasa dan meratap. ³² Perintah Ester yang menetapkan hal Purim itu, kemudian hal itu dicatat secara rasmi di dalam buku.

Kehebatan Mordekhai

10 ¹ Raja Ahasyweros mengenakan pembayaran ufti di seluruh kerajaannya

dan daerah-daerah pesisir laut. ² Segala tindakan yang dijalankan di bawah kuasanya serta kesemua pencapaian baginda serta paparan tentang kebesaran yang dikurniakan raja kepada Mordekhai, bukankah semuanya tertulis dalam Kitab Raja-Raja Media dan Parsi? ³ Mordekhai, orang Yahudi itu, menjadi orang kedua di bawah Raja Ahasyweros. Dialah yang berpangkat tertinggi antara orang Yahudi dan dipandang tinggi serta dikagumi oleh ramai sekali warga sebangsa dengannya atas ikhtiarnya membawa kebaikan kepada bangsanya dan mengetengahkan fasal peri pentingnya kesejahteraan kesemua anak cucu keturunannya.

AYUB

Kesalihan Ayub diuji

1 ¹ Ada seorang lelaki yang bernama Ayub di Tanah Us. Dia tidak bercela, juga tulus dan takut kepada Allah serta menjauhi kejahatan.

² Dia dikurniai tujuh orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan. ³ Miliknya termasuk 7,000 ekor domba, 3,000 ekor unta, 500 pasang lembu, 500 ekor keldai betina, dan ramai hamba. Oleh itu, dia menjadi orang terkaya antara semua orang di timur.

⁴ Anaknya selalu bergilir-gilir mengadakan jamuan di rumah masing-masing, dan mereka akan menyuruh orang untuk menjemput ketiga-tiga saudara perempuan mereka untuk makan dan minum bersama-sama. ⁵ Setelah berlalunya hari-hari jamuan itu, Ayub akan memanggil dan menyucikan mereka. Dia akan bangun pagi-pagi dan mempersembahkan korban bakaran menurut jumlah mereka semua, kerana fikir Ayub, “Jangan-jangan anak-anakku telah berdosa dan mengutuk Allah dalam hati mereka.” Demikianlah yang sentiasa dilakukan oleh Ayub.

⁶ Pada suatu hari datanglah anak-anak Allahⁱ menghadap Tuhan, dan Iblis turut sama dalam kalangan itu. ⁷ Berfirmanlah Tuhan kepada Iblis, “Dari mana engkau datang?”

Jawab Iblis kepada Tuhan, “Dari berjalan ke sana ke mari di bumi dan menjelajahnya.”

⁸ Firman Tuhan kepada Iblis, “Sudahkah kauperhatikan hamba-Ku Ayub? Sesungguhnya, tidak ada orang yang seperti dia di bumi. Dia tidak bercela, tulus, dan takut kepada Allah serta menjauhi kejahatan.”

⁹ Jawab Iblis kepada Tuhan, “Adakah Ayub takut kepada Allah dengan begitu sahaja? ¹⁰ Bukankah Engkau menegakkan pagar di sekelilingnya dan seisi rumahnya serta segala hartanya? Engkau memberkati pekerjaan tangannya, dan ternakannya semakin bertambah di negeri itu. ¹¹ Tetapi cuba hулurkan tangan-Mu dan sentuhlah segala miliknya, pasti dia akan mengutuk Engkau di hadapan-Mu.”

¹² Maka firman Tuhan kepada Iblis, “Nah, segala sesuatu miliknya ada dalam kuasamu. Hanya, jangan kausentuh dirinya.” Kemudian pergilah Iblis dari hadirat Tuhan.

ⁱ1:6 Ada terjemahan: makhluk-makhluk ilahi.

¹³ Pada suatu hari, ketika para anak Ayub baik lelaki mahupun perempuan sedang makan dan minum air anggur di rumah abang sulung mereka, ¹⁴ datanglah seorang pesuruh kepada Ayub dan berkata, “Ketika lembu-lembu sedang membajak dan keldai-keldai betina merumput berhampiran, ¹⁵ orang Syeba datang menyerbu dan merampas semuanya. Mereka membunuh para penjaga dengan mata pedang. Hanya hamba seorang sahaja yang terselamat sehingga dapat menyampaikan hal ini kepada tuan.”

¹⁶ Ketika orang itu berbicara, datanglah seorang yang lain lagi dan berkata, “Api Allah menyambar dari langit, membakar kawanannya domba dan para penjaganya serta menghanguskan mereka. Hanya hamba sendirilah yang terselamat sehingga dapat menyampaikan hal ini kepada tuan.”

¹⁷ Ketika orang itu bercakap, datanglah seorang yang lain lagi dan berkata, “Orang Kasdim membentuk tiga buah pasukan dan menyerbu kawanannya unta. Mereka merampas semuanya dan membunuh para penjaganya dengan mata pedang. Hamba seorang sahaja yang terselamat sehingga dapat menyampaikan hal ini kepada tuan.”

¹⁸ Ketika orang itu bercakap, datanglah seorang yang lain lagi dan berkata, “Anak-anak tuan, baik lelaki mahupun perempuan, sedang

makan-makan dan minum air anggur di rumah abang sulung mereka. ¹⁹Tiba-tiba datanglah angin yang besar lagi kencang dari seberang gurun tandus menghentam keempat-empat penjuru rumah itu, lalu rumah itu pun roboh menimpa para anak muda itu sehingga mati mereka semua. Hanya hamba sendirilah yang terselamat sehingga dapat menyampaikan hal ini kepada tuan.”

²⁰ Maka berdirilah Ayub. Dia segera mengoyakkan jubahnya, dan mencukur rambut kepalanya lalu bersujud di tanah dan menyembah, ²¹ katanya,

“Dengan telanjang aku keluar daripada kandungan ibuku,
dan dengan telanjang juga aku akan pergi.
Tuhan yang memberikan; Tuhan yang mengambil,
segala puji bagi nama Tuhan!”

²² Dalam semua hal ini Ayub tidak berdosa atau menuduh Allah berbuat salah.

2¹ Pada suatu hari datanglah lagi anak-anak Allah^j menghadap Tuhan, dan di tengah-tengah mereka datang juga Iblis untuk menghadap Tuhan. ² Berfirmanlah Tuhan kepada Iblis, “Dari mana engkau?”

^j2:1 Ada terjemahan: Makhluk-makhluk ilahi.

Jawab Iblis kepada Tuhan, “Dari perjalanan mengelilingi dan menjelajahi bumi.”

³ Firman Tuhan kepada Iblis, “Sudahkah kauperhatikan hamba-Ku Ayub? Sesungguhnya, tidak ada orang yang seperti dia di bumi. Dia tidak bercela, tulus dan takut kepada Allah serta menjauhi kejahatan. Dia tetap berpegang teguh pada kesalihannya, sungguhpun engkau telah menghasut Aku untuk membinasakan dia dengan tidak semena-mena.”

⁴ Jawab Iblis kepada Tuhan, “Kulit ganti kulit! Orang akan memberikan segala miliknya ganti nyawanya. ⁵ Tetapi coba hurlurkan tangan-Mu dan sentuhlah tulang serta dagingnya, pasti dia akan mengutuk Engkau di hadapan-Mu.”

⁶ Maka firman Tuhan kepada Iblis, “Nah, dia ada dalam kuasamu. Hanya, peliharalah nyawanya.”

⁷ Kemudian Iblis pergi dari hadirat Tuhan. Dia menimpakan Ayub dengan barah bisul yang parah dari telapak kaki sampai ke ubun-ubunnya. ⁸ Ayub mengambil sekeping pecahan tembikar untuk mengikis-ngikis badannya sambil duduk di tengah-tengah abu.

⁹ Isterinya berkata kepadanya, “Masihkah kau berpegang teguh pada keikhlasanmu? Kutuk Allah dan matilah!”

¹⁰ Tetapi jawab Ayub kepadanya, “Engkau bercakap seperti seorang perempuan jahil lagi

bodoh. Takkan kita hanya mahu menerima yang baik daripada Allah, dan tidak mahu menerima yang buruk?”

Dalam semua hal itu, Ayub tidak berdosa dengan bibirnya.

Kedatangan tiga sahabat Ayub

¹¹ Khabar tentang segala malapetaka yang menimpa Ayub itu terdengar oleh ketiga-tiga orang sahabatnya, iaitu Elifas orang Teman, Bildad orang Suah, dan Zofar orang Naama. Maka mereka pun bermuafakat dan bersiap untuk pergi dari tempat masing-masing untuk berdukacita bersama-sama dia serta menyenangkan hatinya. ¹² Ketika mereka memandangi dia dari jauh dan tidak dapat mengenalinya lagi, menangislah mereka dengan suara yang nyaring. Mereka mengoyakkan jubah masing-masing dan menghamburkan debu ke langit, ke atas kepala mereka. ¹³ Kemudian mereka duduk di tanah bersama-samanya selama tujuh hari tujuh malam. Tidak ada seorang pun yang mengucapkan sepatah kata jua kepadanya, kerana mereka melihat betapa berat sekali penderitaannya.

Keluh-kesah Ayub

- 3** ¹ Setelah itu, Ayub membuka mulutnya dan mengutuk hari kelahirannya. ² Kata Ayub,
- ³ “Biarlah binasa hari ketika aku dilahirkan dan malam ketika orang mengatakan, ‘Seorang anak sedang dikandungkan!’
- ⁴ Biarlah hari itu menjadi kegelapan. Semoga Allah jangan mengendahkannya dari atas, janganlah cahaya menyinarinya.
- ⁵ Biarlah kegelapan dan bayang-bayang maut menuntutnya, biarlah awan menyelaputinya, biarlah apa yang menggelapkan siang mengejutkannya.
- ⁶ Malam itu – biarlah kekelaman merenggutnya. Janganlah malam itu bersuka ria bersama dengan hari-hari dalam setahun, janganlah malam itu termasuk dalam bulan-bulan.
- ⁷ Ya, biarlah malam itu menjadi mandul, janganlah terdengar sorak-sorai di dalamnya.
- ⁸ Biarlah kalangan pengutuk hari mengutuknya, kalangan yang sedia membangkitkan amarah Sang Lewiatan.

- ⁹ Biarlah bintang-bintang senjanya menjadi gelap.
Biarlah bintang-bintang mengharapkan cahaya tetapi tidak mendapatkannya, dan janganlah bintang melihat merekahnya fajar,
- ¹⁰ kerana malam itu pintu-pintu kandungan ibuku tidak ditutup dan kesukaran tidak disembunyikan daripada mataku.
- ¹¹ Mengapa aku tidak mati sejak dalam rahim, atau putus nyawa ketika aku keluar daripada kandungan?
- ¹² Mengapa pangkuan menyambut aku?
Mengapa ada susu ibu sehingga aku dapat menyusu?
- ¹³ Kalau tidak, sekarang aku sudah berbaring dengan sentosa,
aku sudah tidur dan berehat
- ¹⁴ dengan para raja dan para penasihat bumi yang membina reruntuhan bagi diri mereka,
- ¹⁵ atau dengan para pembesar pemilik emas, yang memenuhi rumah mereka dengan perak.
- ¹⁶ Atau, mengapa aku tidak seperti anak gugur yang disembunyikan,
seperti bayi yang tidak pernah melihat cahaya?

- 17 Di sanalah orang fasiq berhenti meresahkan,
di sanalah orang yang kehabisan tenaga
berehat.
- 18 Para tahanan pun berasa tenang bersama-
sama,
mereka tidak lagi mendengar suara si tukang
kerah.
- 19 Orang kecil dan orang besar ada di sana,
dan si hamba dibebaskan daripada tuannya.
- 20 Mengapa cahaya diberikan kepada orang
yang dalam kesukaran,
dan hidup kepada orang yang ada kepahitan
jiwa?
- 21 Mereka merindukan maut, tetapi maut tidak
datang;
mereka mencarinya lebih daripada harta
karun;
- 22 mereka teramat gembira
dan girang ketika menemukan kubur.
- 23 Mengapa cahaya diberikan kepada lelaki
yang jalannya tersembunyi,
yang dipagari Allah?
- 24 Keluh-kesahku datang sebagai ganti
makananku
dan raunganku tercurah seperti air.
- 25 Hal yang kutakuti telah mendatangkiku,

dan hal yang kugentari telah menimpaku.
²⁶ Aku tidak tenang, aku tidak sentosa,
 aku tidak dapat berehat;
 sebaliknya, keresahanlah yang datang.”

Percakapan Ayub dengan sahabat-sahabatnya

Elifas menegur Ayub

- 4** ¹ Maka Elifas, orang Teman, menjawab,
² “Jika orang cuba bercakap kepadamu,
 adakah engkau kesal?
 Tetapi siapakah yang dapat menahan diri
 daripada berkata-kata?
³ Sesungguhnya, engkau telah mengajar ramai
 orang,
 dan engkau telah menguatkan tangan yang
 lemah.
⁴ Kata-katamu telah menegakkan orang yang
 jatuh,
 dan engkau telah meneguhkan lutut yang
 longlai.
⁵ Tetapi sekarang engkau yang ditimpa geruh
 dan engkau kesal,
 dirimu yang terkena dan engkau terkejut.
⁶ Bukankah ketakwaanmu menjadi harapan
 kekuatanmu,

dan ketulusan hidupmu menjadi
pengharapanmu?

⁷ Fikirkanlah, siapa binasa jika tidak bersalah?
Mana ada orang benar yang dilenyapkan?

⁸ Menurut pengamatanku, orang yang
membajak kejahatan
dan yang menabur kezaliman, hal-hal itu jua
yang bakal dituainya.

⁹ Oleh nafas Allah mereka binasa,
oleh hembusan hidung-Nya mereka
dihapuskan.

¹⁰ Singa boleh mengaum, singa boleh bersuara,
tetapi gigi-gigi singa muda dipatahkan.

¹¹ Singa jantan binasa kerana kekurangan
mangsa,
dan anak-anak singa betina tercerai-berai.

¹² Suatu hal disampaikan kepadaku secara
diam-diam,
telingaku menangkap bisikannya.

¹³ Dalam kegelisahan kerana penglihatan pada
malam hari,

ketika tidur yang lelap melanda manusia,

¹⁴ ketakutan dan kegentaran menimpaku,
sehingga semua tulangku menjadi gementar.

¹⁵ Suatu roh melintas di depanku,
meremanglah bulu romaku.

¹⁶ Ia berhenti, tetapi tidak dapat kukenali rupanya.

Ada susuk yang hadir di hadapan mataku,
hening, lalu kudengar suara,

¹⁷ ‘Mungkinkah manusia lebih benar daripada Allah?

Mungkinkah manusia lebih suci daripada Allah?’

¹⁸ Kalau hamba-hamba-Nya tidak dipercayai-Nya,

dan para malaikat-Nya didakwa-Nya bersalah,

¹⁹ apatah lagi mereka yang mendiami rumah tanah liat,

yang dasarnya berada di dalam debu, dan yang hancur seperti gegat.

²⁰ Di antara pagi dengan petang mereka diremukkan,

mereka binasa untuk selama-lamanya tanpa dihiraukan.

²¹ Bukankah tali khemah mereka dicabut? Mereka mati tanpa sebarang hikmah.

5 ¹ Berserulah! Adakah sesiapa yang akan menjawab kamu?

Kepada siapakah antara malaikat suci akan engkau berpaling?

² Sesungguhnya, orang bodoh dibunuh oleh rasa kesal,

- dan orang yang bebal dimatikan oleh dengki.
- ³ Aku pernah melihat orang bodoh berakar,
tetapi tiba-tiba sahaja, kukutuk kediamannya.
- ⁴ Anak-anaknya jauh daripada selamat,
mereka dihancurkan di pintu gerbang tanpa
ada yang menolong.
- ⁵ Apa yang dituainya, dimakan habis oleh orang
yang kelaparan,
direnggut bahkan daripada duri,
dan orang yang dahaga menghasratkan
kekayaannya.
- ⁶ Kesusahan tidak terbit daripada debu
dan kesukaran tidak tumbuh dari tanah,
- ⁷ tetapi manusia dilahirkan bagi kesukaran,
seperti bunga api melayang tinggi.
- ⁸ Tetapi aku, tentu aku akan mencari Allah,
kepada Allah akan kuserahkan perkaraku.
- ⁹ Dia melakukan hal-hal besar yang tidak
mampu kita cari,
hal-hal ajaib yang tidak terhingga jumlahnya.
- ¹⁰ Dia menurunkan hujan ke permukaan bumi,
dan mengirinkan air ke permukaan padang.
- ¹¹ Dia menempatkan orang bawahan pada
kedudukan yang tinggi,
dan orang yang berdukacita diangkat supaya
selamat.

- ¹² Dia menggagalkan rancangan orang cerdik,
sehingga upaya tangan mereka tidak
berhasil.
- ¹³ Dia memerangkap orang bijak dengan
kecerdikan mereka sendiri,
dan rancangan orang yang banyak muslihat
segera ditamatkan-Nya.
- ¹⁴ Pada siang hari mereka menjumpai
kegelapan,
pada tengah hari mereka meraba-raba
seperti pada malam hari.
- ¹⁵ Tetapi Dia menyelamatkan orang melarat
daripada pedang yang keluar daripada
mulut mereka,
bahkan daripada tangan orang yang kuat.
- ¹⁶ Dengan demikian orang miskin mempunyai
harapan,
dan kezaliman tutup mulut.
- ¹⁷ Sesungguhnya, berbahagialah orang yang
ditegur Allah.
Maka janganlah kaupandang rendah didikan
Yang Maha Kuasa.
- ¹⁸ Dia melukai, tetapi juga membalut.
Dia meremukkan, tetapi tangan-Nya juga
menyembuhkan.

5:12: 1Kor 3:19. **5:17:** Ams 3:11,12; Ibr 12:5,6.

5:18: Hos 6:1.

- 19 Dia akan melepaskan engkau daripada enam kesesakan,
dan dalam yang ketujuh engkau tidak akan terkena malapetaka.
- 20 Pada masa kelaparan Dia akan menebus engkau daripada maut,
dan pada masa perang daripada kuasa pedang.
- 21 Engkau akan terlindung daripada cemeti lidah orang,
engkau tidak akan takut ketika kemusnahan datang.
- 22 Engkau akan mentertawakan kemusnahan dan kelaparan,
dan tidak akan takut kepada binatang liar.
- 23 Dengan batu-batu di padang engkau akan mengadakan perjanjian,
binatang liar akan berdamai dengan engkau.
- 24 Engkau akan dapati khemahmu selamat sejahtera,
ketika engkau memeriksa kediamanmu,
engkau tidak akan kehilangan apa-apa.
- 25 Engkau akan tahu bahawa keturunanmu menjadi ramai
dan anak cucumu seperti rumput di bumi.
- 26 Engkau akan masuk kubur pada takat penuh usiamu

seperti timbunan gandum dibawa masuk
pada musimnya.

²⁷ Sesungguhnya, hal-hal ini sudah kami kaji,
dan memang demikianlah adanya.
Dengarlah dan ketahuilah!”

Ayub kecewa terhadap sahabat-sahabatnya

- 6** ¹ Lalu Ayub menjawab,
² “Ah, andainya kepiluanku ditimbang
dan kesusahanku diletakkan pula pada
neraca,
³ pastilah beratnya melebihi pasir di laut.
Lantas kata-kataku telah terlanjur.
⁴ Anak-anak panah Yang Maha Kuasa
menembusi tubuhku,
jiwaku meminum racunnya.
Kengerian daripada Allah berbaris melawan
aku.
⁵ Adakah keldai liar meringkik apabila
berdekatan rumput muda?
Adakah lembu melenguh berdekatan
makanannya?
⁶ Bolehkah makanan yang hambar dimakan
tanpa garam?
Atau adakah rasa pada putih telur?
⁷ Aku tidak mahu menjamahnya,
bagiku semua itu seperti makanan yang
memualkan.

- ⁸ Kalaulah terkabul permintaanku,
dan Allah mengurniakan apa yang
kuharapkan!
- ⁹ Kiranya Allah berkenan menghancurkan aku,
kiranya Dia membiarkan tangan-Nya
membunuh aku.
- ¹⁰ Itulah yang akan menjadi kelegaan bagiku –
malah aku akan melompat gembira
dalam kesakitan yang tidak kenal belas
kasihan –
bahawa aku tidak pernah menyangkal firman
daripada Yang Maha Suci.
- ¹¹ Apakah dayaku sehingga aku harus berharap?
Bagaimana akhir hidupku sehingga aku harus
bersabar?
- ¹² Adakah kekuatanku seperti kekuatan batu?
Adakah tubuhku ini gangsa?
- ¹³ Bukankah tidak ada pertolongan bagiku,
dan pelepasan sudah terhalau daripadaku?
- ¹⁴ Orang yang putus asa sepatutnya dikasihani
oleh sahabatnya,
sekalipun orang itu mengabaikan ketakwaan
kepada Yang Maha Kuasa.
- ¹⁵ Saudara-saudaraku khianat seperti sungai,
seperti alur-alur sungai yang mengalir lalu
lenyap,
- ¹⁶ yang keruh kerana ais,
yang di dalamnya tercair salji.

- 17 Pada musim kemarau mereka lenyap,
ketika kena panas mereka hilang dari tempat
mereka.
- 18 Kafilah-kafilah yang mengikuti jalannya
menyimpang,
mereka naik ke tanah tandus lalu binasa.
- 19 Kafilah-kafilah Tema mencari-cari air,
rombongan-rombongan Syeba
mengharapkannya,
- 20 tetapi mereka kecewa kerana mereka sudah
yakin pada mulanya.
Sesampainya di sana mereka menjadi keliru.
- 21 Sekarang, kamu ini pun tidak ada gunanya,
kamu melihat hal yang mengerikan lalu
takut.
- 22 Pernahkah aku berkata, 'Berilah aku sesuatu,'
atau, 'Berikan wang sogokan daripada
kekayaanmu untukku,'
- 23 atau, 'Lepaskanlah aku daripada tangan
lawan,'
atau, 'Tebuslah aku daripada tangan orang
kejam'?
- 24 Ajarlah aku, maka aku akan berdiam diri,
beritahu aku dalam hal apa aku bersalah.
- 25 Betapa menyakitkan kata-kata yang jujur!
Tetapi apakah yang ternyata hasil teguranmu
itu?
- 26 Adakah kamu bermaksud menegur kata-kata

dan menganggap penuturan orang yang
putus asa seperti angin?

²⁷ Bahkan kamu mencabut undi atas anak yatim
dan memperdagangkan sahabatmu.

²⁸ Sekarang, sudilah memandang aku,
aku tidak akan berdusta di hadapanmu.

²⁹ Kumohon berpalinglah, janganlah kezaliman
terjadi.

Berpalinglah, aku pasti tidak bersalah.

³⁰ Apakah ada kezaliman pada lidahku?
Takkan langit-langit mulutku tidak dapat
mencerap bencana?"

Hidup itu berat

7 ¹ “Bukankah manusia harus berjerih di bumi,
dan bukankah hari-harinya seperti hari-hari
orang upahan?

² Seperti seorang hamba yang merindukan
naungan,
seperti seorang upahan yang menantikan
upahnya,

³ demikianlah diberikan kepadaku bulan-bulan
yang sia-sia,
dan malam-malam yang melelahkan
ditentukan bagiku.

⁴ Ketika aku berbaring, aku berfikir, ‘Bilakah aku
akan bangun?’

Namun malam berlanjut dan aku terus
kegelisahan sampai fajar.

⁵ Tubuhku berselubung belatung dan gumpalan
debu,

kulitku mengeras lalu pecah.

⁶ Hari-hariku lebih cepat daripada torak
penenun,
dan berakhir tanpa pengharapan.

⁷ Ingatlah betapa nyawaku hanya hembusan
nafas.

Mataku tidak akan melihat kebaikan lagi.

⁸ Mata orang yang melihat aku tidak akan
memandang aku lagi.

Engkau akan mencari aku, tetapi aku tidak
ada lagi.

⁹ Seperti awan lenyap dan menghilang,
demikian juga orang yang turun ke alam
kubur tidak akan naik lagi.

¹⁰ Dia tidak akan kembali lagi ke rumahnya,
tempat tinggalnya tidak akan mengenalinya
lagi.

¹¹ Oleh sebab itu aku tidak mahu menahan
mulutku.

Aku akan bercakap dalam kesesakan hatiku,
aku akan mengeluh dalam kepahitan jiwaku.

¹² Adakah aku ini laut atau raksasa laut,
sehingga Engkau menempatkan penjaga ke
atasku?

- 13 Apabila aku berfikir, 'Tempat tidurku akan
memberi aku kelegaan,
ranjangku akan meringankan keluhanku,'
14 maka Engkau mengejutkan aku dengan
mimpi-mimpi
dan membuat aku takut dengan aneka
penglihatan,
15 sehingga jiwaku lebih memilih untuk dicekik
dan mati daripada tubuhku ini.
16 Aku jemu, aku tidak mahu hidup terus,
biarkanlah aku kerana hari-hariku sia-sia
belaka.
17 Apakah manusia sehingga Engkau
membesar-besarkan dia,
sehingga Engkau memperhatikan dia,
18 sehingga Engkau mendatanginya setiap pagi
dan menguji dia setiap saat?
19 Bilakah Engkau mengalihkan pandangan-Mu
daripadaku,
dan membiarkan aku sehingga aku dapat
menelan ludahku?
20 Kalau aku berdosa, apakah yang telah
kulakukan terhadap Engkau,
ya Pengawas manusia?
Mengapakah Engkau menjadikan aku
sasaran-Mu,

sehingga aku menjadi beban bagi diriku sendiri?

²¹ Mengapakah Engkau tidak mengampunkan pelanggaranku

dan menghapuskan kesalahanku?

Sekarang aku akan berbaring dalam debu.

Engkau akan mencari aku dengan saksama, tetapi aku tidak akan ada lagi.”

Bildad membela keadilan hukuman Allah

8 ¹ Maka Bildad, orang Suah, menjawab,

² “Berapa lama lagi engkau akan bercakap demikian?

Kata-kata mulutmu seperti angin ribut.

³ Mungkinkah Allah memesongkan keadilan?

Mungkinkah Yang Maha Kuasa memesongkan kebenaran?

⁴ Jika anak-anakmu telah berdosa terhadap-Nya,

maka Dia telah menyerahkan mereka ke dalam kuasa pelanggaran mereka.

⁵ Jika engkau mencari Allah dengan tekun dan memohon belas kasihan daripada Yang Maha Kuasa,

⁶ jika engkau suci dan jujur, pastilah Dia akan bertindak bagimu dan memulihkan kediaman yang menjadi hakmu.

- ⁷ Walaupun pada awalnya engkau hina,
pada akhirnya engkau akan menjadi sangat
mulia.
- ⁸ Tanyalah angkatan yang terdahulu
dan perhatikanlah apa yang dikaji oleh nenek
moyang mereka,
- ⁹ kerana kita ini baru lahir semalam dan tidak
tahu apa-apa,
hari-hari kita di bumi seperti bayang-bayang
sahaja.
- ¹⁰ Bukankah mereka yang harus mengajar
engkau, bercakap kepadamu,
dan mengutarakan kata-kata daripada hati
mereka?
- ¹¹ Dapatkah papyrus tumbuh kalau bukan di
rawa-rawa?
Dapatkah mensiang tumbuh besar tanpa air?
- ¹² Selagi hijau dan belum dipotong,
sudah layu lebih cepat daripada tumbuhan
lain.
- ¹³ Demikianlah jalan hidup semua orang yang
melupakan Allah.
Harapan orang munafik putus,
- ¹⁴ keyakinannya dipatahkan,
pegangannya seperti sarang labah-labah.
- ¹⁵ Dia bersandar pada rumahnya, tetapi
rumahnya itu tidak tetap tegak.

Dia berpaut erat padanya, tetapi rumah itu tidak bertahan.

¹⁶ Dia tumbuh segar di hadapan matahari, pucuk-pucuknya menjulur di tamannya.

¹⁷ Akar-akarnya membelit timbunan batu, mencari tempat di antara batu.

¹⁸ Jika dia disingkirkan daripada tempatnya, maka tempatnya itu akan menyangkal dia, katanya, 'Aku belum pernah melihat kamu.'

¹⁹ Demikianlah kegirangan hidupnya, dan tumbuh-tumbuhan lain akan bertunas dari tanah.

²⁰ Ketahuilah, Allah tidak menolak orang yang tidak bercela dan tidak menolong orang yang berbuat jahat.

²¹ Dia masih akan memenuhi mulutmu dengan tawa dan bibirmu dengan sorak-sorai.

²² Orang yang membencimu akan diselubungi malu dan khemah orang fasiq tidak akan ada lagi."

**Ayub: Tiada seorang pun
dapat bertahan di hadapan Allah**

- 9** ¹ Lalu Ayub menjawab,
² “Sesungguhnya, aku tahu sedemikian halnya.
Tetapi bagaimana mungkin seorang manusia benar di hadapan Allah?
³ Jika dia ingin bertikai dengan-Nya,
maka tidak ada satu pun daripada seribu pertanyaan dapat dijawabnya.
⁴ Allah itu bijak hati-Nya dan besar kuasa-Nya.
Siapa dapat berkeras mengingkari-Nya dan tetap selamat?
⁵ Dialah yang memindahkan gunung-gunung
tanpa diketahui orang,
yang menterbalikkan semua itu dalam murka-Nya.
⁶ Dia yang menggerakkan bumi dari tempatnya
sehingga tiang-tiangnya bergoncang.
⁷ Dia yang memberikan perintah kepada matahari sehingga tidak terbit,
dan yang memateraikan bintang-bintang.
⁸ Dia sendiri yang membentangkan langit,
dan menginjak gelombang-gelombang laut.

- ⁹ Dia yang menjadikan bintang Biduk, bintang Belantik, bintang Kartika, dan gugusan bintang selatan.
- ¹⁰ Dia melakukan hal-hal besar yang tidak dapat diduga, dan hal-hal ajaib yang tidak terhitung.
- ¹¹ Jika Dia lalu di sisiku, aku tidak melihat-Nya. Jika Dia melintas, aku tidak menyedari kehadiran-Nya.
- ¹² Jika Dia menyambar, siapa dapat menahan-Nya?
Siapa mampu berkata kepada-Nya, 'Apakah yang Engkau lakukan?'
- ¹³ Allah tidak akan menahan murka-Nya, para pembantu Rahab tunduk di bawah kuasa-Nya.
- ¹⁴ Bagaimana pula aku dapat menjawab Dia, atau memilih kata-kataku di hadapan-Nya?
- ¹⁵ Walaupun aku tidak bersalah, aku tidak dapat menjawab Dia, malah aku harus memohon belas ihsan daripada Hakimku.
- ¹⁶ Jika aku berseru dan Dia menjawabku, aku tidak yakin sama ada Dia mahu mendengar suaraku,

- 17 kerana Dia meremukkan aku dengan angin
badai
dan memperbanyak lukaku tanpa sebab.
- 18 Dia tidak membiarkan aku bernafas semula,
melainkan memenuhi aku dengan kepahitan.
- 19 Kalau sentuh tentang kekuatan,
Dialah yang kuat.
Kalau sentuh tentang keadilan,
Dia akan berkata, 'Siapa yang akan
menggugat Aku?'
- 20 Meskipun aku benar, mulutku sendiri
akan menyatakan aku bersalah.
Meskipun aku tidak bercela, Dia akan
menyatakan aku bengkok.
- 21 Aku ini tidak bercela, tetapi tidak kupedulikan
diriku.
Hidupku kupandang hina.
- 22 Semuanya sama sahaja, kerana itu aku
berkata:
Dia memusnahkan orang yang tidak bercela
dan juga orang fasiq.
- 23 Jika bencana membunuh dengan tiba-tiba,
Dia mempersenda-sendakan keputusan
orang yang tidak bersalah.
- 24 Bumi telah diserahkan ke dalam tangan
orang fasiq.
Dia menyelubungi muka para hakim di bumi;
kalau bukan Dia, lalu siapa lagi?

- 25 Kini hari-hariku lebih cepat daripada seorang
pelari,
menghilang tanpa melihat kebaikan;
- 26 meluncur seperti perahu daripada papirus,
seperti rajawali menyambar mangsa.
- 27 Jika aku berfikir, 'Aku akan melupakan
keluhanku,
aku akan membuang muka murung dan
tersenyum,'
- 28 maka takutlah aku kepada segala
kesusahanku.
Aku tahu bahawa Engkau tidak akan
menganggap aku tidak bersalah.
- 29 Aku dinyatakan bersalah,
apa gunanya aku berjerih lelah dengan
sia-sia?
- 30 Jika aku membasuh diriku dengan salji
dan membersihkan telapak tanganku dengan
sabun,
- 31 namun Engkau akan membenamkan aku ke
dalam lubang
sehingga pakaianku sendiri menjijikkan aku.
- 32 Dia bukan manusia seperti aku
sehingga aku dapat menjawab-Nya,
lalu kami pergi ke pengadilan bersama-sama.
- 33 Tidak ada pengantara^k antara kami

yang boleh meletakkan tangannya pada kami
berdua.

³⁴ Biarlah Dia menyingkirkan tongkat-Nya
daripadaku,
janganlah rasa gentar terhadap-Nya
membuat aku takut,

³⁵ maka aku akan berbicara tanpa rasa takut
kepada-Nya.
Tetapi keadaanku tidaklah sedemikian.”

Tujuan Allah izinkan penderitaan

10 ¹ “Aku bosan dengan hidupku.
Aku hendak melampiaskan keluhanku,
aku hendak berbicara dalam kepahitan
jiwaku.

² Aku hendak berkata kepada Allah,
‘Jangan mengecam aku.

Beritahulah aku mengapa Engkau berperkara
dengan aku.

³ Adakah baik bagi-Mu bahawa Engkau
menindas aku,
bahawa Engkau memandang hina karya
tangan-Mu,
sementara Engkau menerangi rancangan
orang fasiq?

⁴ Adakah Engkau memiliki mata jasmani?
Adakah Engkau melihat sebagaimana
manusia melihat?

- ⁵ Adakah hari-hari-Mu seperti hari-hari manusia?
Adakah tahun-tahun-Mu seperti tahun-tahun seorang insan,
- ⁶ sehingga Engkau mencari-cari kesalahanku dan mengusut dosaku,
- ⁷ sungguhpun Engkau tahu bahawa aku tidak bersalah dan tidak ada yang dapat melepaskanku daripada tangan-Mu?
- ⁸ Tangan-Mu yang membentuk aku dan menjadikan aku, tetapi Engkau berpaling dan hendak memusnahkan aku.
- ⁹ Ingatlah betapa Engkau yang menjadikan aku daripada tanah liat.
Adakah Engkau akan mengembalikan aku menjadi debu?
- ¹⁰ Bukankah Engkau yang mencurahkan aku seperti air susu, dan membekukan aku seperti keju?
- ¹¹ Engkau membungkus aku dengan kulit dan daging, mencantumkan aku dengan tulang dan urat.
- ¹² Engkau mengurniai aku hidup dan kasih abadi, pemeliharaan-Mu yang menjaga nyawaku.

- 13 Namun demikian, hal-hal inilah yang
Kausembunyikan dalam hati-Mu,
aku tahu bahawa hal ini ada pada-Mu:
- 14 Jika aku berbuat dosa, Engkau akan
mengawasi aku
dan tidak akan membebaskan aku daripada
kesalahanku.
- 15 Jika aku bersalah, malangnya aku!
Jika aku benar, aku tidak dapat mengangkat
kepalaku,
kerana aku penuh aib dan sedar akan
kehinaanku.
- 16 Jika aku meninggikan diri,
Engkau memburu aku seperti singa
dan menunjukkan lagi diri-Mu yang
menakjubkan kepadaku.
- 17 Engkau mengajukan saksi-saksi baru
menentang aku
dan memperbesar murka-Mu terhadap aku.
Bergantian pasukan yang melawan aku.
- 18 Mengapa Engkau mengeluarkan aku
daripada rahim?
Kalau putus sahaja nyawaku waktu itu
sehingga tidak ada mata yang pernah
melihatku,
- 19 dan aku seakan-akan tidak pernah ada,
kerana daripada kandungan langsung dibawa
ke kubur.

- ²⁰ Bukankah pendek sahaja umurku?
Berhentilah, biarkanlah aku, supaya aku
dapat tersenyum sejenak,
²¹ sebelum aku pergi tanpa dapat kembali,
ke negeri kegelapan dan bayang-bayang
maut,
²² negeri kegelapan yang seperti kelam sahaja,
negeri bayang-bayang maut yang tidak
beraturan,
di sana cahaya sekadar serupa dengan
kegelapan.’ ”

Zofar: Ayub harus rendah hati

- 11** ¹ Kemudian Zofar, orang Naama,
menjawab,
² “Patutkah kata-kata yang banyak tidak
dijawab?
Patutkah seorang yang banyak bercakap
dilepaskan?
³ Patutkah orang berdiam diri terhadap cakap
besarmu?
Ketika engkau mencemuh,
masakan tidak ada yang mencela engkau?
⁴ Katamu, ‘Apa yang kuajarkan adalah murni.
Aku bersih pada pandangan-Mu.’
⁵ Tetapi semoga Allah sendiri berfirman
dan berbicara langsung dengan engkau.

- ⁶ Semoga Dia menyingkapkan kepadamu rahsia hikmah,
kerana hikmah itu mempunyai dua segi.
Ketahuilah bahawa Allah melupakan sebahagian daripada kesalahanmu.
- ⁷ Dapatkah engkau memahami rahsia Allah?
Dapatkah engkau memahami kesempurnaan Yang Maha Kuasa?
- ⁸ Tingginya melebihi langit – apa yang dapat kaulakukan?
Dalamnya melebihi alam kubur – apa yang dapat kauketahui?
- ⁹ Ukurannya lebih panjang daripada bumi dan lebih lebar daripada laut.
- ¹⁰ Jika Dia melintas, melakukan penangkapan, dan mengadakan sidang, siapakah yang dapat menahan-Nya?
- ¹¹ Sesungguhnya, Dia mengenal manusia penipu dan melihat kejahatan tanpa mengamat-amatnya.
- ¹² Tetapi orang bebal pun akan menjadi cerdas, jika anak keldai liar dapat lahir sebagai manusia.
- ¹³ Jika engkau mengarahkan hatimu dan menadahkan tanganmu kepada-Nya,
- ¹⁴ jauhkanlah kejahatan di tanganmu jika memang ada,

dan jangan biarkan kezaliman ada di
khemahmu.

¹⁵ Dengan demikian engkau akan mengangkat
muka tanpa malu,
engkau akan menjadi teguh dan tidak takut.

¹⁶ Engkau akan melupakan kesukaranmu,
mengingatnya hanya seperti air yang telah
mengalir lenyap.

¹⁷ Hidupmu akan lebih cerah daripada tengah
hari,
kegelapan akan seperti pagi hari.

¹⁸ Engkau akan berasa aman kerana ada
harapan.
Engkau akan melihat sekitarmu
lalu tidur dengan aman.

¹⁹ Engkau akan berbaring tanpa ada yang
mengusik,
bahkan ramai orang akan memohonkan
belas kasihanmu.

²⁰ Tetapi mata orang fasiq akan menjadi sayu,
mereka tidak akan mempunyai tempat
melarikan diri
dan harapan mereka sekadar untuk menarik
nafas terakhir mereka.”

Ayub mengakui kekuasaan dan hikmah Tuhan

12

¹ Lalu Ayub menjawab,

² “Tidak syak lagi, kamulah kalangan itu

dan hikmah akan mati bersama-samamu.

³ Aku juga berakal seperti kamu,
aku tidak kurang daripada kamu.

Siapa tidak tahu akan hal-hal semacam itu?

⁴ Aku menjadi bahan ketawa para sahabatku;
aku, orang yang berseru kepada Allah dan
yang dijawab oleh-Nya.

Orang yang tulus hati dan tidak bercela
menjadi bahan ketawa!

⁵ Orang yang hidup selesa
menghina nasib malang
yang juga tersedia bagi orang yang tergelincir
kakinya.

⁶ Khemah para penyamun tidak terganggu,
dan mereka yang membangkitkan murka
Allah hidup tenteram;
mereka inilah yang membawa tuhan sendiri
dalam tangan.

⁷ Tetapi tanyalah kepada haiwan-haiwan,
nescaya mereka akan mengajar engkau;
kepada burung-burung di udara, nescaya
akan mereka memberitahu engkau.

⁸ Atau, berkata-katalah dengan bumi, nescaya
ia akan mengajar engkau,
dan ikan-ikan di laut pun akan
mengisytiharkan kepadamu.

⁹ Siapakah antara semua itu yang tidak tahu

bahawa tangan Tuhan yang melakukan hal ini?

- ¹⁰ Dalam tangan-Nyalah nyawa semua yang hidup dan nafas seluruh umat manusia.
- ¹¹ Bukankah telinga menguji kata-kata seperti langit-langit mulut mengecap makanan?
- ¹² 'Dikatakan bahawa hikmah terdapat pada kalangan tua, dan pengertian pada kalangan yang lanjut usia.'
- ¹³ Tetapi pada Allah sahaja terdapat hikmah dan keperkasaan, Dialah yang mempunyai pertimbangan dan pengertian.
- ¹⁴ Jika Dia meruntuhkan, tidak ada yang dapat membina kembali. Jika Dia menangkap seseorang, tidak ada yang dapat melepaskannya.
- ¹⁵ Jika Dia menahan air, kering kontanglah semuanya. Jika Dia melepaskannya, maka bumi pun ditunggangbalikkannya.
- ¹⁶ Pada-Nya ada kekuatan dan hikmah, Punya Dialah orang yang tertipu dan yang menipu.

- 17 Dia menggiring para penasihat yang ditelanjangi dan para hakim dibodohkan-Nya.
- 18 Dia membuka belunggu para raja dan mengikat pinggang mereka dengan pengikat.
- 19 Dia menggiring para imam yang ditelanjangi dan menggulingkan orang yang berkuasa.
- 20 Dia membungkam orang yang dipercayai dan menghapuskan pertimbangan para tua-tua.
- 21 Dia mencurahkan penghinaan atas para bangsawan dan melonggarkan ikat pinggang orang kuat.
- 22 Dia menyingkapkan rahsia kegelapan dan membawa bayang-bayang maut kepada cahaya.
- 23 Dia membuat bangsa-bangsa menjadi besar, lalu membinasakan mereka, Dia mengembangkan bangsa-bangsa, lalu menggiring mereka.
- 24 Dia menghilangkan akal pemimpin bangsa-bangsa di bumi dan membuat mereka mengembara di tanah tandus yang tidak ada jalannya.
- 25 Mereka meraba-raba dalam kegelapan yang tidak ada terangnya.

Dia membuat mereka terhuyung-huyung seperti orang mabuk.”

Ayub membela diri di hadapan Allah

13 ¹ “Sesungguhnya, mataku sudah melihat semua itu,

telingaku sudah mendengar dan memahaminya.

² Apa yang kamu ketahui, kuketahui juga, aku tidak kurang daripada kamu.

³ Namun demikian, aku hendak berbicara kepada Yang Maha Kuasa, aku ingin berperkara dengan Allah.

⁴ Tetapi kamu, kamu yang menutupi kebohongan, kamu semua tabib yang tidak berguna!

⁵ Andai kamu berdiam diri sahaja, itu akan menjadi hikmahmu.

⁶ Dengarlah pembelaanku dan perhatikanlah bantahan bibirku.

⁷ Patutkah kamu berbicara tidak benar atas nama Allah, dan mengucapkan dusta bagi Dia?

⁸ Apakah kamu hendak memihak kepada-Nya? Apakah kamu hendak berbantah bagi Allah?

⁹ Adakah kamu akan baik-baik sahaja kalau Dia memeriksa kamu?

- Dapatkah kamu menipu Dia seperti menipu manusia?
- ¹⁰ Pasti Dia akan menegur kamu jika kamu memihak secara sembunyi-sembunyi.
- ¹¹ Bukankah keluhuran-Nya akan membuatmu gentar, dan ketakutan terhadap-Nya akan menimpa kamu?
- ¹² Mana-mana peringatanmu ialah pepatah-pepatah daripada debu, pembelaan dirimu ialah pembelaan daripada tanah liat.
- ¹³ Diamlah, biarkan aku berbicara, dan biarkanlah apa-apa pun yang akan terjadi kepada diriku.
- ¹⁴ Untuk apa aku membahayakan diriku, dan menatang nyawaku di tanganku?
- ¹⁵ Sekalipun Dia membunuhku, aku mahu tetap berharap kepada-Nya. Hanya, aku hendak membela perilakuku di hadapan-Nya.
- ¹⁶ Itulah juga yang akan mendatangkan penyelamatan bagiku, kerana orang munafik tidak akan datang menghadap-Nya.
- ¹⁷ Dengarlah baik-baik kata-kataku, biarlah akuanku sampai kepada-Mu.

- 18 Lihatlah, aku telah menyusun perkaraku,
dan aku tahu bahawa aku akan didapati
benar.
- 19 Siapakah yang mahu bertelingkah dengan
aku?
Jika demikian aku akan berdiam diri dan
putus nyawa.
- 20 Hanya, kabulkan bagiku dua hal ini,
maka aku tidak akan menyembunyikan diri
dari hadirat-Mu:
- 21 jauhkanlah tangan-Mu daripadaku
dan janganlah kedahsyatan-Mu membuat
aku takut.
- 22 Kemudian panggillah, dan aku akan
menjawab,
atau biarkan aku berbicara, dan Engkau
menjawab aku.
- 23 Seberapa manakah kesalahan dan dosaku?
Beritahulah aku pelanggaran dan dosaku.
- 24 Mengapa Engkau menyembunyikan
hadirat-Mu,
dan menganggap aku musuh-Mu?
- 25 Akankah Engkau menyiksa sehelai daun yang
diterbangkan angin,
dan memburu tunggul jerami yang kering?
- 26 Engkau menulis hal-hal yang pahit
menentang aku,

dan membuat aku mewarisi kesalahan masa mudaku.

²⁷ Engkau memasung kakiku,
dan mengawasi segala pergerakanku.
Engkau memasang batas di sekitar telapak kakiku.

²⁸ Atas manusia yang sudah seperti barang lapuk yang membusuk,
seperti pakaian yang dimakan gegat.”

Tidak ada harapan lagi setelah mati

- 14** ¹ “Manusia, yang dilahirkan oleh perempuan,
singkat umurnya dan penuh keresahan.
- ² Dia tumbuh seperti bunga, lalu layu.
Dia menghilang seperti bayang-bayang dan tidak selamanya ada.
- ³ Patutkah Engkau tujukan pandangan-Mu ke arah orang yang sedemikian itu?
Akankah Engkau turut membawaku ke pengadilan-Mu?
- ⁴ Siapakah yang dapat menjadikan yang najis kepada yang suci?
Tiada seorang pun!
- ⁵ Hari-hari manusia sudah ditentukan.
Jumlah bulannya sudah Kautetapkan,

dan batas-batasnya pun sudah Kautentukan sehingga tidak dapat dilaluinya.

⁶ Jadi, alihkanlah pandangan-Mu daripadanya, supaya dia tidak diganggu dan dapat menikmati hari-harinya seperti seorang pekerja upahan.

⁷ Jika ditebang, pokok itu masih ada harapan: pokok itu akan bertunas lagi dan pucuknya tidak akan berhenti tumbuh.

⁸ Sekalipun akarnya menjadi tua di dalam tanah dan tunggulnya mati dalam debu,

⁹ pokok itu akan bertunas ketika mencium bau air, dan mengeluarkan ranting seperti tanaman muda.

¹⁰ Tetapi apabila manusia mati dan terbujur kaku; ketika putus nyawanya, di manakah dia?

¹¹ Seperti air menguap dari laut dan sungai menjadi tohor dan kering,

¹² demikianlah manusia berbaring dan tidak bangkit semula.

Selama langit masih ada, manusia tidak akan terjaga

dan tidak akan bangun daripada tidurnya.

¹³ Hanya sekiranya Engkau menyembunyikan aku di alam kubur, melindungi aku sehingga murka-Mu surut!

- Hanya sekiranya Engkau menentukan batas waktu bagiku lalu mengingat aku!
- ¹⁴ Jika manusia mati, dapatkah dia hidup lagi? Sepanjang hari pergelutanku aku hendak menanti sehingga tiba saat pemulihanku.
- ¹⁵ Engkau akan memanggil dan aku akan menjawab Engkau, Engkau akan rindu kepada buatan tangan-Mu ini.
- ¹⁶ Meskipun pada waktu itu Engkau menghitung langkah-langkahku, dosaku tidak akan Kauperhatikan.
- ¹⁷ Pelanggaranku akan dimateraikan dalam pundi-pundi, kesalahanku akan Kaututup.
- ¹⁸ Namun demikian, seperti gunung runtuh musnah dan batu pejal berpindah dari tempatnya,
- ¹⁹ seperti air mengikis batu-batu dan luapan air menghanyutkan debu bumi, demikianlah Engkau memutuskan harapan manusia.
- ²⁰ Engkau mengalahkan dia untuk selamanya dan dia pun pergi, Engkau mengubah mukanya dan mengusirnya.

- ²¹ Anak-anaknya menjadi mulia, tetapi dia tidak tahu;
mereka menjadi hina, tetapi ia tidak menyedarinya.
- ²² Hanya tubuhnya menyakitinya,
jiwanya berkabung kerana dirinya sendiri.”

Elifas: Orang fasiq akan binasa

- 15** ¹ Maka Elifas, orang Teman, menjawab,
² “Patutkah orang bijak berdegar-degar menjawab dengan pengetahuan hampa, dan memenuhi perutnya dengan angin timur?
- ³ Patutkah dia menegur dengan kata-kata yang tidak berguna, dan dengan penuturan yang tidak berfaedah?
- ⁴ Engkau ini meniadakan ketakwaan, dan menghalang orang beribadat kepada Allah.
- ⁵ Kesalahanmu mengajari mulutmu, dan engkau memilih lidah orang licik.
- ⁶ Mulutmu sendiri yang mempersalahkan engkau, bukan aku.
Bibirmu sendiri yang bersaksi menentang engkau.
- ⁷ Adakah engkau insan yang pertama dilahirkan,

atau yang lebih dahulu dijadikan daripada
bukit-bukit?

⁸ Adakah engkau turut mendengar dalam majlis
perundingan Allah?

Adakah engkau membatasi hikmah hanya
bagi dirimu?

⁹ Apa yang kauketahui, yang tidak kami ketahui?
Apa yang kaufaham, yang tidak jelas bagi
kami?

¹⁰ Orang yang beruban dan juga orang yang
sudah tua ada di antara kami,
bahkan kalangan yang lebih tua umurnya
daripada ayahmu.

¹¹ Adakah penghiburan Allah terlalu kecil
bagimu,
firman yang ditujukan dengan lemah lembut
kepadamu?

¹² Mengapa engkau terbawa perasaan hatimu
dan mengapa matamu berkilat-kilat,

¹³ sehingga engkau memalingkan hatimu
menentang Allah
dan mengeluarkan kata-kata semacam itu
daripada mulutmu?

¹⁴ Apakah manusia itu sehingga dia tidak
bercela,

atau yang dilahirkan perempuan itu sehingga dia tidak bersalah?

¹⁵ Sesungguhnya, para malaikat suci-Nya pun tidak dipercayai-Nya dan segala langit pun tidak bersih pada pandangan-Nya;

¹⁶ lebih-lebih lagi orang yang keji dan buruk, yang meminum kezaliman seperti air.

¹⁷ Aku hendak menyatakan sesuatu kepadamu, dengarlah aku.

Hal yang telah kulihat ini akan kuceritakan,

¹⁸ iaitu hal yang diberitahukan oleh kalangan yang bijak dan yang tidak disembunyikan oleh nenek moyang mereka –

¹⁹ kepada mereka sajalah negeri itu telah dikurniakan, tidak ada orang asing yang berjalan di tengah-tengah mereka.

²⁰ Orang fasiq menggeliat sakit seumur hidupnya, demikian juga orang kejam selama tahun-tahun yang disediakan baginya.

²¹ Bunyi yang dahsyat masuk ke telinganya, pada masa damai pun dia didatangi perompak.

²² Dia tidak percaya bahawa dia akan kembali dari kegelapan,

- pedang sudah menantinya.
- ²³ Dia mengembara mencari makanan, katanya,
‘Di manakah makanan?’
Dia tahu bahawa hari kegelapan sudah dekat.
- ²⁴ Kesusakan dan kesusahan mengejutkan dia.
Semuanya menang atasnya seperti raja yang
siap untuk berperang,
- ²⁵ kerana dia telah menghulurkan tangannya
menentang Allah
dan memberanikan diri menentang Yang
Maha Kuasa.
- ²⁶ Dia berlari-lari menghadapi-Nya dengan
menegangkan tengkuk,
dengan perisainya yang tebal dan cembung.
- ²⁷ Dia menyelubungi mukanya dengan lemak,
dan menimbunkan lemak di pinggangnya.
- ²⁸ Dia tinggal di kota-kota yang hancur,
di dalam rumah-rumah yang tidak dihuni,
yang ditentukan untuk menjadi timbunan
puing.
- ²⁹ Dia tidak akan menjadi kaya dan hartanya
tidak akan bertahan,
miliknya tidak akan tahan lama di bumi.
- ³⁰ Dia tidak akan keluar dari dalam kegelapan.
Nyala api akan melayukan cabang-
cabangnya,
dan dia akan disingkirkan oleh nafas
mulut-Nya.

- ³¹ Janganlah dia percaya kepada kesia-siaan dan menyesatkan dirinya, kerana kesia-siaan juga yang akan menjadi balasannya.
- ³² Hal itu akan berlaku sebelum ajalnya, pelepahnya tidak akan menghijau.
- ³³ Dia akan meluruhkan buahnya yang belum masak seperti pokok anggur, dan mencampakkan bunganya seperti pokok zaitun.
- ³⁴ Orang munafik akan mandul, api akan melahap khemah-khemah orang yang makan suap.
- ³⁵ Mereka mengandung bencana dan melahirkan kejahatan, rahim mereka menghamilkan tipu daya.”

Keluh-kesah Ayub

- 16** ¹ Lalu Ayub menjawab,
- ² “Aku sudah mendengar banyak percakapan seperti itu.
Kamu semua penghibur hati yang menyeksa!
- ³ Tidak habis-habiskah kata-kata kosong itu?
Apakah yang mendesak kamu sehingga engkau menjawab?
- ⁴ Aku juga boleh berkata-kata seperti kamu, sekiranya kamu yang berada di tempatku.

Aku boleh menyusun perkataan menentang kamu dan menggeleng-gelengkan kepala terhadapmu.

⁵ Tetapi aku akan menguatkan kamu dengan mulutku, hiburan bibirku akan meredakan dukacita kamu.

⁶ Jika aku bercakap, deritaku tidak semakin reda, dan jika aku berdiam diri, adakah derita ini akan pergi daripadaku?

⁷ Tetapi sekarang Dia telah membuat aku lelah. Engkau telah memporak-perandakan seluruh keluargaku.

⁸ Engkau menjadikan aku kering kerepot – itulah yang menjadi saksi menentang aku, kekurusanku bangkit dan bersaksi di depanku.

⁹ Murka-Nya mencabik-cabik dan menganiaya aku.

Dia menggertakkan gigi-Nya terhadap aku. Lawanku memandang aku dengan tajam.

¹⁰ Mereka mengangakan mulut kepadaku, menampar pipiku dengan celaan, dan berkerumun bersama-sama untuk melawan aku.

¹¹ Allah menyerahkan aku kepada orang zalim,

dan menjatuhkan aku ke dalam tangan orang fasiq.

¹² Aku hidup dengan tenang, tetapi Dia meremukkan aku.

Dia menangkap tengkukku dan meluluhlantakkan aku.

Dia menegakkan aku sebagai sasaran-Nya.

¹³ Para pemanah-Nya mengelilingi aku.

Dia membelah ginjalku tanpa rasa sayang, Dia menumpahkan hempeduku ke tanah.

¹⁴ Dia mematahkan aku, lagi dan lagi.

Dia berlari menyerang aku seperti seorang kesateria.

¹⁵ Aku telah menjahit kain kabung pada kulitku, dan membenamkan kekuatanku dalam debu.

¹⁶ Mukaku merah kerana menangis, di kelopak mataku ada bayang-bayang maut,

¹⁷ padahal tidak ada kekerasan di tanganku dan doaku tulus ikhlas.

¹⁸ Wahai bumi, jangan kaututup darahku, jangan ada tempat rehat bagi jeritanku!

¹⁹ Sekarang juga, ketahuilah, Saksiku ada di syurga,

Yang Bersaksi bagiku ada di tempat yang tinggi.

²⁰ Sahabat-sahabatku mencelaku,

tetapi aku mencururkan air mata di hadapan Allah,

²¹ supaya Saksiku merayu kepada Allah bagi pihakku seperti manusia merayu bagi sesamanya.

²² Setelah tibanya sekian tahun, aku akan menempuh jalan, dari situ aku tidak akan kembali lagi.

17 ¹ Semangatku patah, hari-hariku punah, kubur menantikan aku.

² Sesungguhnya, orang yang mengejek-ejek mengelilingiku, dan matakु terus menyaksikan sindiran mereka.

³ Jaminlah aku dengan diri-Mu sendiri. Sesiapa lagi yang dapat membuat perjanjian penjaminan dengan aku?

⁴ Engkau telah menutup hati mereka sehingga mereka tidak berpengertian, itulah sebabnya Engkau tidak akan meninggikan mereka.

⁵ Sesiapa yang mengadukan sahabatnya demi keuntungan, mata anak-anaknya akan menjadi rabun.

⁶ Aku dijadikan bahan sindiran orang ramai, aku menjadi orang yang diludahi mukanya.

⁷ Matakु kabur kerana rasa kesal,

seluruh anggota tubuhku seperti bayang-bayang.

⁸ Orang yang lurus hati tercengang kerana hal ini,

orang yang tidak bersalah bangkit melawan orang munafik.

⁹ Meskipun begitu, orang benar akan tetap berpegang kepada jalannya, dan orang yang suci tangannya akan bertambah kuat.

¹⁰ Tetapi kamu sekalian, silakan mula lagi! Aku tidak akan menemukan seorang bijak dalam kalanganmu!

¹¹ Hari-hariku telah berlalu, rancangan-rancanganku telah gagal, demikian pula cita-cita hatiku.

¹² Mereka ubah malam jadi siang. 'Cahaya sudah dekat,' kata mereka di hadapan kegelapan.

¹³ Jika kuharapkan alam kubur sebagai rumahku, jika kuhamparkan petiduranku dalam kegelapan,

¹⁴ jika kukatakan kepada liang kubur, 'Engkau ayahku,' dan kepada belatung, 'Ibuku,' atau 'Saudara perempuanku,'

¹⁵ maka di manakah pengharapanku?

Pengharapanku – siapakah yang dapat melihatnya?

- ¹⁶ Pengharapan itu akan turun ke pintu gerbang alam kubur apabila kami turun bersama-sama ke dalam debu.”

Bildad: Orang fasiq pasti binasa

- 18** ¹ Maka Bildad, orang Suah, menjawab,
² “Berapa lama lagi kamu hendak mencari kata-kata?
 Sedarilah, sesudah itu baru kami akan berbicara.
³ Mengapa kami dianggap binatang?
 Mengapa di matamu kami dianggap bodoh?
⁴ Engkau yang mencabik-cabik dirimu sendiri dalam amarah,
 masakan dunia harus dibengkalaikan demi engkau,
 atau batu pejal dipindahkan dari tempatnya?
⁵ Bagaimanapun juga cahaya orang fasiq akan dipadamkan,
 nyala apinya tidak akan bercahaya.
⁶ Cahaya di dalam khemahnya menjadi gelap,
 pelita di atasnya dipadamkan.
⁷ Langkahnya yang tegap dipersempit,

- dan rancangannya sendiri menjatuhkan dia.
- ⁸ Kakinya sendiri memasukkan dia ke dalam jaring,
dia berjalan di atas jala.
- ⁹ Perangkap menangkap tumitnya,
jerat menahan dia.
- ¹⁰ Tali jebakan untuknya tersembunyi di tanah,
ada perangkap baginya di jalan.
- ¹¹ Kedahsyatan mengejutkan dia di segala penjuru,
mengejanya pada setiap langkahnya.
- ¹² Kekuatannya hilang kerana lapar.
Bencana bersiap menantikan dia terantuk,
- ¹³ memakan bahagian-bahagian kulitnya.
Anak sulung maut memakan anggota tubuhnya.
- ¹⁴ Dia diseret dari khemahnya yang aman,
dia dibawa melangkah menghadap raja kegerunan.
- ¹⁵ Orang yang tidak ada kena-mengena dengannya diam di khemahnya,
belerang dihamburkan ke atas kediamannya.
- ¹⁶ Di bawah, akar-akarnya mengering,
di atas, cabangnya layu.
- ¹⁷ Ingatan kepadanya lenyap dari bumi,
namanya tidak lagi disebut di jalan.
- ¹⁸ Dia diusir dari cahaya ke dalam gelap,
dihalau dari dunia.

- ¹⁹ Dia tidak ada anak atau cucu-cicit dalam kalangan bangsanya, tidak ada yang terselamat di tempat tinggalnya.
- ²⁰ Orang di barat tercengang melihat ajalnya, orang di timur dicengkam kengerian.
- ²¹ Sungguh, demikianlah kediaman orang zalim, begitulah tempat tinggal orang yang tidak mengenal Allah.”

Keyakinan Ayub pada Allah

- 19** ¹ Tetapi Ayub menjawab,
- ² “Berapa lama lagi kamu hendak menyiksa jiwaku dan menghancurkan aku dengan perkataan?”
- ³ Sekarang sudah sepuluh kali kamu menghina aku.
Kamu tidak malu bertindak keliru terhadap aku.
- ⁴ Kalau aku sungguh berbuat salah, kesalahanku itu tetap tinggal padaku.
- ⁵ Jika kamu sungguh hendak membesarkan diri terhadap aku dan menggunakan celaku sebagai bukti terhadap aku,
- ⁶ ketahuilah sekarang bahawa Allah telah membengkokkan perkaraku dan melingkupi aku dengan jaring-Nya.

- ⁷ Sesungguhnya, aku berseru, 'Kekerasan!' tetapi aku tidak dijawab.
Aku berteriak minta tolong tetapi tidak ada keadilan.
- ⁸ Dia memagari jalanku sehingga aku tidak dapat berlalu,
dan mendatangkan kegelapan di lorong-lorongku.
- ⁹ Dia melucuti kemuliaanku dan menyingkirkan mahkota daripada kepalaku.
- ¹⁰ Dia membongkar aku di segala penjuru sehingga aku lenyap,
dan mencabut pengharapanku seperti pokok.
- ¹¹ Murka-Nya menyala terhadap aku,
Dia menganggap aku lawan-Nya.
- ¹² Pasukan-Nya maju serentak.
Mereka merintang jalan untuk menyerang aku
dan berkepong di sekeliling khemahku.
- ¹³ Dia menjauhkan saudara-saudaraku daripadaku,
kenalan-kenalanku seperti orang asing sahaja bagiku.
- ¹⁴ Para kerabatku meninggalkan aku,
kawan-kawanku melupakan aku.

- 15 Orang yang tinggal sebagai pendatang di rumahku,
juga hamba-hambaku yang perempuan,
menganggap aku orang asing.
Aku menjadi orang luar di mata mereka.
- 16 Aku memanggil hambaku tetapi dia tidak menjawab,
sekalipun aku memohon-mohon kepadanya
dengan mulutku sendiri.
- 17 Nafasku memuakkan bagi isteriku,
memuakkan bagi para saudara kandungku.
- 18 Bahkan anak-anak pun menghina aku,
ketika aku muncul, mereka mengata-ngatai aku.
- 19 Semua teman karibku mengeji aku,
orang yang kukasihi berbalik melawan aku.
- 20 Tulangku melekat pada kulit dan dagingku,
gusiku sahaja yang terselamat.
- 21 Kasihanilah aku! Kasihanilah aku, wahai kamu, sahabat-sahabatku,
kerana tangan Allah telah mengazab aku.
- 22 Mengapa kamu, seperti Allah, memburu aku dan tidak kenyang dengan dagingku?
- 23 Kalaulah kata-kataku ditulis!
Kalaulah semuanya dicantumkan dalam kitab,
24 dipahatkan dengan pena besi dan timah pada batu pejal untuk selama-lamanya!

- ²⁵ Namun demikian, aku tahu bahawa
Penebusku hidup,
dan pada akhirnya Dia akan berdiri di atas
bumi.
- ²⁶ Setelah kulitku dibinasakan sedemikian rupa,
tanpa tubuhku juga aku akan melihat Allah.
- ²⁷ Akan kulihat Dia memihak kepada aku.
Mataku akan memandang Dia, bukan yang
lain.
Batinku merindu di dalam dadaku.
- ²⁸ Apabila kamu berkata, ‘Bagaimana kami
dapat memburu dia?’
kerana akar permasalahan ini ada pada
diriku,
- ²⁹ maka takutlah kepada pedang,
kerana kegusaran mendatangkan hukuman
pedang,
supaya kamu tahu bahawa ada pengadilan.”

Zofar: Orang fasiq akan binasa

- 20** ¹ Maka Zofar, orang Naama, menjawab,
² “Itulah sebabnya kegelisahanku
mendorong aku menjawab,
kerana kurasakan desakan dari dalam.
- ³ Kudengar teguran yang menghina aku,
tetapi dari dalam pengertianku suatu roh
menjawab aku.

- ⁴ Tidakkah engkau mengetahui hal ini sejak zaman dahulu,
sejak manusia ditempatkan di atas bumi,
⁵ bahawa sorak-sorai orang fasiq sebentar sahaja
dan sukacita orang munafik hanya sesaat?
⁶ Sekalipun keangkuhannya menjulang ke langit dan kepalanya sampai menyentuh awan,
⁷ dia akan binasa selama-lamanya seperti kotorannya sendiri.
Orang yang pernah melihatnya akan bertanya, 'Di manakah dia?'
- ⁸ Dia akan melayang lenyap seperti mimpi dan tidak ditemukan lagi,
dia akan dihalau seperti penglihatan pada malam hari.
- ⁹ Mata yang melihatnya tidak akan melihatnya lagi,
tempat tinggalnya pun tidak akan memandangnya lagi.
- ¹⁰ Anak-anaknya harus mencari belas kasihan daripada fakir miskin,
tangannya sendiri harus mengembalikan kekayaannya.
- ¹¹ Tulang-tulanginya penuh dengan tenaga orang muda,
tetapi itu pun akan berbaring bersama-sama dalam debu.

- 12 Sekalipun kejahatan terasa manis di
mulutnya,
sekalipun dia menyembunyikannya di bawah
lidahnya,
- 13 sekalipun dia menyayangkannya dan tidak
mahu melepaskannya
malah menahannya pada langit-langit
mulutnya,
- 14 makanannya itu akan berubah di dalam
perutnya,
menjadi bisa ular senduk di dalam dirinya.
- 15 Dia menelan kekayaan, tetapi
memuntahkannya lagi;
Allah akan mengeluarkannya dari dalam
perutnya.
- 16 Dia akan menghisap bisa ular senduk,
dan lidah ular berbisa akan membunuhnya.
- 17 Dia tidak akan memandang batang-batang
air,
sungai-sungai yang mengalirkan madu dan
dadih.
- 18 Dia akan mengembalikan hasil jerih lelahnya
dan tidak akan menelannya,
Dia tidak akan menikmati kekayaan hasil
dagangannya.
- 19 Kerana dia telah menindas dan
menterlantarkan fakir miskin,

- serta merampas rumah yang tidak
dibangunkannya;
- ²⁰ sesungguhnya, dia tidak mengenal
ketenangan dalam batinnya,
dan dia tidak akan menyelamatkan barang
yang disukainya.
- ²¹ Tidak ada yang selamat daripada sifat
lahapnya.
Oleh itu, kemakmurannya tidak akan
bertahan.
- ²² Dalam kemewahannya yang berlimpah dia
akan mengalami kesesakan,
dan kesukaran akan menyimpannya dengan
sepenuh kuasa.
- ²³ Ketika dia mengisi perutnya,
Allah melepaskan murka-Nya yang
menyala-nyala
dan menghujankan murka itu kepadanya
sebagai makanannya.
- ²⁴ Dia akan melarikan diri daripada senjata besi,
tetapi panah gangsa akan menembusnya.
- ²⁵ Anak panah dicabut keluar daripada
punggungnya,
dan mata panah yang berkilat itu keluar
daripada hempedunya.
Kengerian mendatangnya.
- ²⁶ Kegelapan yang pekat tersedia bagi hartanya.
Api yang tidak dihembus akan melahapnya

dan menghabiskan apa yang terselamat di khemahnya.

²⁷ Langit akan menyingkapkan kesalahannya, dan bumi akan bangkit melawannya.

²⁸ Kekayaan rumahnya akan lenyap, dihanyutkan pada hari murka-Nya.

²⁹ Itulah bahagian daripada Allah untuk orang fasiq,

harta pusaka yang ditentukan Allah baginya.”

Ayub membalas

21 ¹ Kemudian Ayub menjawab,
² “Dengarlah baik-baik kata-kataku.

Biarlah itu menjadi penghiburanmu.

³ Bersabarlah, aku hendak berbicara.

Setelah aku berbicara bolehlah kamu mempersendakan lagi.

⁴ Adakah keluhanku tertuju kepada manusia?

Mengapa hatiku tidak boleh tidak sabar?

⁵ Pandanglah aku dan tercenganglah, tekapkanlah tangan ke mulut.

⁶ Jika aku mengingatnya, aku tergoncang.

Kengerian mencengkam tubuhku.

⁷ Mengapakah orang fasiq terus hidup,

menjadi tua bahkan bertambah-tambah kekuatannya?

⁸ Keturunan mereka mapan di hadapan mereka dan bersama dengan mereka,

- anak cucu mereka di hadapan mata mereka.
- ⁹ Rumah-rumah mereka aman, tidak ada yang
berasa takut;
tongkat penghukuman Allah tidak menimpa
mereka.
- ¹⁰ Lembu jantan mereka menjadi pembiak dan
tidak gagal,
lembu betina mereka beranak dan tidak
keguguran.
- ¹¹ Mereka melepaskan kanak-kanak mereka
keluar seperti kawanan domba,
anak mereka melompat-lompat.
- ¹² Mereka menyanyi diiringi bunyi rebana dan
kecapi,
bergembira diiringi bunyi seruling.
- ¹³ Mereka menghabiskan hari-hari mereka
dalam kemakmuran
dan dengan tenang turun ke alam kubur.
- ¹⁴ Padahal mereka berkata kepada Allah,
'Nyahlah daripada kami!
Kami tidak ingin mengenal jalan-jalan-Mu.
- ¹⁵ Apakah Yang Maha Kuasa itu sehingga kami
harus beribadat kepada-Nya?
Apa faedahnya bagi kami kalau kami berdoa
kepada-Nya?'
- ¹⁶ Namun demikian, kemakmuran mereka tidak
terletak dalam kuasa mereka sendiri!

Maka nasihat orang fasiq itu memang jauh daripada.

- ¹⁷ Berapa seringkah pelita orang fasiq dipadamkan,
kemalangan menimpa mereka,
dan kesakitan dibahagikan Allah kepada mereka dalam murka-Nya?
- ¹⁸ Berapa seringkah mereka seperti jerami yang diterbangkan angin,
seperti sekam yang dilayangkan angin puyuh?
- ¹⁹ Kamu berkata, 'Kerana kesalahan seseorang Allah menyimpan hukuman bagi anak-anaknya,'
tetapi biarlah itu dibalas atas kalangan itu sendiri,
supaya mereka tahu!
- ²⁰ Biarlah matanya sendiri melihat kebinasaannya,
biarlah dia sendiri minum daripada murka Yang Maha Kuasa,
- ²¹ kerana peduli apa dia dengan keluarganya setelah dia mati,
setelah berakhirnya sekian bulan-bulannya?
- ²² Dapatkah orang mengajarkan pengetahuan kepada Allah,
memandangkan Dia juga mengadili orang yang berkedudukan tinggi?

- 23 Seorang mati dengan sepenuh kekuatannya,
dan dalam segala keadaan terjamin dan
selesa.
- 24 Perutnya penuh dengan air susu,
sumsum tulangnya masih segar.
- 25 Seorang yang lain lagi mati dengan hati getir,
tanpa pernah menikmati apa yang baik.
- 26 Namun demikian, mereka sama-sama
berbaring dalam debu;
belatung menyelubungi mereka.
- 27 Sesungguhnya, aku tahu apa yang kamu
fikirkan
dan muslihatmu untuk menzalimi aku.
- 28 Kamu berkata, 'Di mana rumah pemuka itu?
Di manakah khemah kediaman orang fasiq
itu?'
- 29 Adakah kamu pernah bertanya kepada orang
yang lalu-lalang di jalan?
Tidakkah kamu memperhatikan petunjuk-
petunjuk mereka,
- 30 bahawa orang jahat terlindung daripada hari
bencana
dan mereka dibawa menyingkir pada hari
kemurkaan Allah?
- 31 Siapakah yang menggugat kelakuannya di
depan mukanya?
Sesiapa yang membalas dia selaras dengan
perbuatannya?

- ³² Dia dihantar orang ke kuburan,
makamnya dijaga.
- ³³ Gumpalan-gumpalan tanah di lembah terasa
sedap baginya.
Semua orang mengikuti di belakangnya,
sebagaimana orang yang tidak terhitung
banyaknya sudah mendahuluinya.
- ³⁴ Jadi bagaimanakah kamu dapat
menghiburkan aku dengan kesia-
siaan?
Semua jawapanmu hanya menyisakan
kemungkaran belaka.”

Elifas: Ayub harus bertaubat

- 22** ¹ Maka Elifas, orang Teman, menjawab,
² “Bergunakah manusia bagi Allah?
Sesungguhnya, orang yang berhikmah
berguna bagi dirinya sendiri.
- ³ Adakah Yang Maha Kuasa senang hati kalau
engkau benar?
Apa untungnya bagi Dia kalau jalanmu tidak
bercela?
- ⁴ Adakah kerana ketakwaanmu kepada-Nya
maka Dia menegur engkau
dan datang berperkara denganmu?
- ⁵ Bukankah kejahatanmu besar

- dan kesalahanmu tiada habisnya?
- ⁶ Kauambil gadaian daripada saudaramu dengan sewenang-wenang, kaulucuti pakaian orang sehingga dia telanjang.
- ⁷ Orang yang lelah tidak kauberi air minum, kautahan makanan daripada orang yang lapar.
- ⁸ Orang yang berkuasalah yang memiliki tanah, dan orang yang terhormatlah yang mendudukinya.
- ⁹ Kausuruh para balu pergi dengan tangan hampa, lengan anak yatim dipatahkan.
- ¹⁰ Itulah sebabnya ada perangkap di sekelilingmu, dan engkau dikejutkan oleh kedahsyatan yang tiba-tiba
- ¹¹ atau oleh kegelapan sehingga engkau tidak dapat melihat, dan air bah meliputi kamu.
- ¹² Bukankah Allah bersemayam di langit yang tinggi?
Lihatlah, betapa tingginya bintang-bintang yang tertinggi!
- ¹³ Namun demikian, engkau berkata, 'Allah tahu apa?'

Masakan Dia mengadili dari balik kelam pekat itu?

¹⁴ Awan menutupi-Nya sehingga Dia tidak dapat melihat,

Dia berjalan-jalan di lengkungan langit.'

¹⁵ Adakah engkau mahu tetap menuruti jalan lama yang ditempuh oleh kalangan jahat?

¹⁶ Mereka telah dicabut sebelum waktu mereka,

dasar mereka dihanyutkan sungai.

¹⁷ Mereka berkata kepada Allah, 'Menjauhlah daripada kami!'

dan, 'Apakah yang dapat dilakukan Yang Maha Kuasa terhadap kami?'

¹⁸ Padahal Dialah yang memenuhi rumah mereka dengan segala yang baik-baik.

Nasihat orang fasiq jauh daripadaku.

¹⁹ Orang benar melihat hukuman mereka dan bersukacita,

orang yang tidak bersalah mengolok-olokkan mereka demikian,

²⁰ 'Sungguh, lawan kita sudah dilenyapkan, peninggalan mereka sudah dimakan api.'

²¹ Berdamailah hendaknya dengan Dia dan jadilah tenteram,

maka kebaikan akan mendatangimu.

²² Terimalah pengajaran-Nya, dan simpanlah firman-Nya dalam hatimu.

- 23 Jika engkau berbalik kepada Yang Maha Kuasa, engkau akan dibangunkan kembali. Jika engkau menjauhkan kezaliman dari khemahmu,
- 24 meletakkan biji emas di dalam debu, dan emas Ofir di antara batu kali,
- 25 maka Yang Maha Kuasa akan menjadi khazanah kamu serta perak yang berharga bagimu.
- 26 Sesungguhnya, pada waktu itu engkau akan bersenang-lenang kerana Yang Maha Kuasa, dan akan menengadahkan muka kepada Allah.
- 27 Engkau akan berdoa kepada-Nya dan Dia akan mendengar kamu, engkau akan membayar nazarmu.
- 28 Apa yang kauputuskan akan terlaksana bagimu, dan cahaya akan menyinari jalan-jalanmu.
- 29 Apabila orang direndahkan, engkau akan berkata, 'Angkatlah!' dan orang yang tertunduk itu akan diselamatkan oleh-Nya.
- 30 Dia akan melepaskan orang yang tidak bersalah, dan orang itu akan dilepaskan atas sebab kebersihan tanganmu."

Pembelaan Ayub

- 23** ¹ Kemudian Ayub menjawab,
² “Bahkan hari ini pun keluhanku getir,
tekananku berat, begitu juga keluh-kesahku.
³ Sekiranya aku tahu di mana aku boleh
menemui Dia,
sehingga aku boleh datang ke tempat Dia
bersemayam!
⁴ Aku akan menyusun perkaraku di hadapan-
Nya
dan memenuhi mulutku dengan pembelaan.
⁵ Aku mahu mengetahui jawapan-jawapan yang
diberikan-Nya kepadaku,
dan memahami apa yang difirmankan-Nya
kepadaku.
⁶ Sudikah Dia berperkara dengan aku dalam
kuasa-Nya yang besar?
Tidak, tetapi Dia akan memberikan perhatian
kepadaku.
⁷ Di sana orang yang lurus hati dapat membela
diri di hadapan-Nya,
dan aku akan bebas daripada Hakimku untuk
selama-lamanya.
⁸ Ketika aku berjalan ke depan, Dia tidak ada di
situ.
Ketika aku berjalan ke belakang, tidak
kudapati Dia.

- ⁹ Ketika Dia berkarya di sebelah kiri, aku tidak dapat memandangi Dia.
Ketika Dia berpaling ke sebelah kanan, aku tidak dapat melihat Dia.
- ¹⁰ Namun begitu, Dia tahu tentang jalan yang kuambil.
Setelah Dia menguji aku, aku akan keluar seperti emas.
- ¹¹ Kakiku tetap mengikuti langkah-Nya.
Aku tetap menuruti jalan-Nya dan tidak menyimpang.
- ¹² Aku tidak menjauh daripada perintah-Nya.
Aku menyimpan khazanah firman-Nya lebih daripada makananku sehari-harian.
- ¹³ Akan tetapi, Dia tidak berubah. Siapa dapat melawan-Nya?
Apa yang dikehendaki-Nya, itulah yang dilakukan-Nya.
- ¹⁴ Dia menyelesaikan apa yang ditentukan bagiku,
dan banyak hal semacam itu ada pada-Nya.
- ¹⁵ Itulah sebabnya aku tergoncang di hadapan-Nya.
Kalau kufikirkan hal itu, aku ketakutan terhadap Dia.
- ¹⁶ Allah telah membuat hatiku lemah.
Yang Maha Kuasa telah membuat aku gementar,

¹⁷ kerana aku tidak dilenyapkan sebelum datangnya kegelapan, dan kekelaman tidak ditutupi-Nya daripada mukaku.”

Pedulikah Allah tentang kejahatan?

24 ¹ “Mengapakah Yang Maha Kuasa tidak menentukan masa penghakiman?

Mengapakah kalangan yang mengenal Dia tidak melihat hari pengadilan-Nya?

² Ada orang yang memindahkan batas tanah, mereka merampas kawan ternak lalu menggembalanya.

³ Mereka menghalau keldai anak yatim, mengambil lembu seorang balu sebagai gadaian.

⁴ Mereka mendorong fakir miskin dari jalan, fakir miskin di negeri terpaksa bersembunyi bersama-sama.

⁵ Sesungguhnya, seperti keldai liar di gurun fakir miskin itu pergi bekerja, mencari makanan dengan rajin.

Padang gurun mengeluarkan makanan bagi anak-anak mereka.

⁶ Mereka menuai makanan ternak di padang, dan memetik buah yang tertinggal di kebun anggur orang fasiq.

- ⁷ Dengan telanjang mereka bermalam, kerana tidak ada pakaian; selimut pada waktu dingin pun tidak dipunyai mereka.
- ⁸ Mereka basah oleh hujan pergunungan, mereka mendakap batu kerana tidak ada perlindungan.
- ⁹ Ada orang yang merampas anak yatim daripada susu ibunya, dan mengambil gadaian daripada orang miskin
- ¹⁰ yang terpaksa berkeliaran dengan telanjang tanpa pakaian, dan memikul berkas-berkas gandum tetapi tetap kelaparan.
- ¹¹ Mereka membuat minyak di antara tembok kalangan itu, mereka menginjak-injak tempat pemerasan anggur tetapi tetap kehausan.
- ¹² Orang mengerang dari dalam kota, hati orang yang terluka berteriak minta tolong, tetapi Allah tidak menuduh seorang pun berbuat salah.
- ¹³ Ada orang yang menderhaka kepada cahaya; mereka tidak mengenal jalan-jalannya dan tidak tetap tinggal di lorong-lorongnya.
- ¹⁴ Si pembunuh bangun pada waktu fajar,

- dibunuhnya orang miskin dan orang melarat.
Pada malam hari dia berlaku seperti pencuri.
- 15 Mata si penzina menantikan senja,
katanya, 'Tak ada mata yang melihat aku,'
dan dia memasang selubung muka.
- 16 Pada waktu gelap mereka membongkar
rumah,
pada siang hari mereka menyembunyikan
diri.
Mereka tidak mengenal cahaya.
- 17 Bagi mereka pagi hari sama seperti
bayang-bayang maut,
kerana mereka sudah terbiasa dengan
kedahsyatan bayang-bayang maut.
- 18 Mereka hanyut dengan cepat di permukaan
air,
bahagian mereka terkutuk di bumi.
Tidak ada lagi yang pergi ke kebun anggur
mereka.
- 19 Kemarau dan panas menghabiskan air salji,
demikian juga alam kubur menghabiskan
kalangan berdosa.
- 20 Rahim si ibu melupakannya,
belatung melahapnya.
Dia tidak diingat lagi,
dan runtuhlah kezaliman seperti pokok.
- 21 Dia memangsakan perempuan mandul, yang
tidak beranak,

- dan tidak berbuat baik kepada seorang balu.
- ²² Tetapi Allah menyeret kalangan perkasa dengan kekuatan-Nya. Sekalipun mereka bangkit, hidup mereka tidak terjamin.
- ²³ Allah memberi mereka keamanan yang menjadi sandaran mereka, mata-Nya memandangi jalan-jalan mereka.
- ²⁴ Mereka ditinggikan sebentar lalu tidak ada lagi, mereka direndahkan dan dikumpulkan seperti semua orang lain, mereka dipotong seperti bulir gandum.
- ²⁵ Jika tidak demikian adanya, siapa dapat membuktikan aku berdusta dan meniadakan kata-kataku?”

Bildad: Tiada yang benar di mata Allah

- 25** ¹ Maka Bildad, orang Suah, menjawab,
- ² “Kekuasaan dan keajaiban ada pada-Nya. Dia mengadakan kedamaian di tempat-Nya yang tinggi.
- ³ Dapatkah pasukan-Nya dikira? Atas siapakah cahaya-Nya tidak terbit?
- ⁴ Bagaimana mungkin manusia benar di hadapan Allah? Bagaimana mungkin orang yang dilahirkan perempuan itu suci?

- ⁵ Sesungguhnya, bulan pun tidak cemerlang dan bintang-bintang pun tidak bersih pada pandangan-Nya;
- ⁶ apa lagi manusia, yang seperti belatung, anak insan, yang seperti ulat!”

Siapakah dapat faham kebesaran Allah?

- 26** ¹ Maka Ayub menjawab,
- ² “Betapa engkau menolong orang yang tidak kuat!
Betapa engkau membantu lengan yang tidak bertenaga!
- ³ Betapa engkau memberikan nasihat kepada orang yang tidak berhikmah, dan menyatakan kebijaksanaanmu dengan limpahnya!
- ⁴ Kepada siapakah kaunyatakan kata-kata itu? Gagasan siapakah yang kauutarakan?
- ⁵ Arwah-arwah gementar di bawah air, di bawah segala penghuni air.
- ⁶ Alam kubur telanjang di hadapan Allah dan tempat kebinasaan pun tidak ada tudungnya.
- ⁷ Dia membentangkan utara di atas kekosongan, Dia menggantungkan bumi di atas kehampaan.
- ⁸ Dia membungkus air di dalam awan-Nya, tetapi awan itu tidak koyak olehnya.

- ⁹ Dia menutupi muka arasy-Nya,¹
dan membentangkan awan-Nya ke atasnya.
- ¹⁰ Dia membuat batas melingkar pada
permukaan air
sampai ke hujung perbatasan antara cahaya
dengan gelap.
- ¹¹ Tiang-tiang langit berayun-ayun
dan tercengang-cengang oleh herdik-Nya.
- ¹² Dia menggelorakan laut dengan kekuatan-
Nya
dan meremukkan Rahab dengan hikmah-
Nya.
- ¹³ Oleh Roh-Nya langit menjadi cerah,
tangan-Nya menembusi ular yang meluncur.
- ¹⁴ Sesungguhnya, semua itu sekadar pinggiran
jalan-Nya.
Alangkah lembut bisikan yang kita dengar
tentang Dia,
tetapi siapa dapat memahami guruh
keperkasaan-Nya?”

Tidak ada harapan bagi orang fasiq

27 ¹ Ayub melanjutkan huraian-Nya, katanya,
² “Demi Allah yang hidup, yang telah
mengambil hakku,

¹26:9 Harfiah: Muka bulan purnama. Perkataan ‘arasy’ khususnya bermakna singgahsana atau takhta Tuhan.

- demikian Yang Maha Kuasa, yang telah membuat
jiwaku menjadi getir,
³ selagi aku masih lagi bernyawa
dan nafas Allah masih di dalam lubang
hidungku,
⁴ bibirku tidak akan mengatakan kezaliman
dan lidahku tidak akan mengungkapkan
penipuan;
⁵ janganlah aku sekali-kali berkata kamu tidak
bersalah,
sampai putus nyawa pun aku tidak akan
menyingkirkan ketulusan hatiku.
⁶ Kupegang perbenaranku^m dengan teguh dan
tidak kulepaskan,
hatiku tidak mencela sehari pun daripada
umurku.
⁷ Biarlah musuhku bernasib seperti orang fasiq,
orang yang melawan aku seperti orang zalim.
⁸ Apakah harapan orang durjana ketika Allah
menghancurkannya
ketika Allah mengambil nyawanya?
⁹ Adakah Allah mahu mendengar seruannya
ketika kesesakan menyimpannya?
¹⁰ Dapatkah dia bersenang-senang di dalam
Yang Maha Kuasa

^m**27:6** Perkataan, 'perbenaran' merujuk kepada sifat Ayub yang baik, benar dan tidak tercemar oleh perbuatan yang salah.

- dan berseru kepada Allah setiap waktu?
- ¹¹ Aku akan mengajar kamu fasal kuasa Allah, apa yang ada pada Yang Maha Kuasa tidak akan kusembunyikan.
- ¹² Sesungguhnya, kamu semua sudah melihatnya.
Mengapa pula kamu mengujarkan kata-kata yang sia-sia?
- ¹³ Inilah bahagian orang fasiq yang dikhaskan Allah,
harta pusaka orang kejam yang diterima mereka daripada Yang Maha Kuasa:
- ¹⁴ Jika anak-pinaknya bertambah ramai, mereka dimakan pedang.
Anak cucunya tidak kenyang dengan makanan.
- ¹⁵ Kalangan orangnya yang tertinggal dikuburkan kerana wabak,
dan balu mereka tidak menangisi mereka.
- ¹⁶ Sekalipun dia menimbunkan perak seperti debu
dan melonggokkan pakaian seperti tanah liat,
- ¹⁷ maka apa yang ditimbunkannya akan dipakai oleh orang benar,
dan perak yang dilonggokkannya akan dibahagi-bahagikan oleh orang yang tidak bersalah.

- ¹⁸ Dia mendirikan rumahnya sebagaimana sarang gegat, seperti pondok yang dibuat oleh si penjaga.
- ¹⁹ Dia berbaring sebagai orang kaya, tetapi tidak lagi dapat melakukannya. Dia membuka matanya dan semuanya sudah tiada lagi.
- ²⁰ Kedahsyatan menyergapnya seperti air bah, angin puyuh melayangkannya pada malam hari.
- ²¹ Angin timur mengangkatnya, lalu dia lenyap. Dia disapukan dari tempatnya.
- ²² Tanpa belas kasihan, Allah melontarinya, dia lari pontang-panting daripada kuasa-Nya.
- ²³ Orang bertepuk tangan kerana dia dan berdesis-desis mengusirnya dari tempatnya.”

Manusia tidak dapat temukan hikmah

28¹ “Memang ada lombong-lombong perak dan tempat emas dimurnikan.

² Besi digali dari dalam tanah dan tembaga dilebur dari dalam batu.

³ Orang mengakhiri kegelapan.

Dia mencari batu-batuan sampai ke setiap hujung, di dalam kekelaman dan bayang-bayang maut.

- ⁴ Jauh dari kediaman manusia, orang membuka lubang tambang; mereka dilupakan oleh para pejalan kaki, mereka turun jauh daripada manusia, mereka terayun-ayun.
- ⁵ Bumi, yang mengeluarkan makanan, dibongkar bahagian bawahnya seakan-akan dimakan api.
- ⁶ Batu-batuannya ialah tempat batu nilam, yang mengandungi emas urai.
- ⁷ Laluan ke situ tidak diketahui oleh burung pemangsa, mata burung lang pun belum pernah melihatnya.
- ⁸ Binatang yang gagah tidak berjalan di situ, singa pun belum pernah melaluinya.
- ⁹ Orang menghulurkan tangannya kepada batu api, membongkar pergunungan sampai ke akar-akarnya.
- ¹⁰ Dia menggali terowong di batuan pejal, lalu matanya mendapati segala benda berharga.
- ¹¹ Dia membendung sungai-sungai supaya tidak mengalir keluar, lalu menyingkapkan apa yang tersembunyi.
- ¹² Tetapi di manakah hikmah ditemukan, di manakah tempat terdapatnya pengertian?

- 13 Manusia tidak tahu akan nilainya;
ia tidak ditemukan di negeri orang hidup.
- 14 Samudera berkata, 'Ia tidak ada di dalamku,'
laut berkata, 'Ia tidak bersama-samaku.'
- 15 Ia tidak dapat diperoleh dengan emas murni,
dan harganya tidak dapat ditimbang dengan
perak.
- 16 Ia tidak dapat dinilai dengan emas Ofir,
dengan batu permata unam yang berharga
atau dengan batu nilam.
- 17 Emas dan kaca tidak dapat disejajarkan
dengannya,
barang-barang daripada emas murni tidak
dapat menggantikannya.
- 18 Merjan atau hablur tidak boleh disebut-
sebut;
harga hikmah itu melebihi batu delima.
- 19 Manikam kuning dari Ethiopia pun tidak
dapat disejajarkan dengannya,
ia tidak dapat dinilai dengan emas tulen.
- 20 Jadi, dari manakah datangnya hikmah?
Di manakah tempat tinggal pengertian?
- 21 Ia terlindung daripada mata semua yang
hidup,
tersembunyi daripada burung-burung di
udara.
- 22 Tempat kebinasaan dan maut berkata,

‘Kami hanya mendengar desas-desusnya
dengan telinga kami.’

²³ Allah mengerti jalan ke situ.

Dia tahu tentang tempat tinggalnya,

²⁴ kerana Dia memandang sampai ke
hujung-hujung bumi

dan melihat segala sesuatu di kolong langit.

²⁵ Ketika Dia memberikan angin kekuatan
dan mengukur air dengan pengukur,

²⁶ ketika Dia membuat titah bagi hujan
dan jalan bagi kilat guruh,

²⁷ pada saat itulah Dia melihat hikmah dan
menyatakannya.

Dia menetapkannya, bahkan menyelidikinya.

²⁸ Lalu kepada manusia Dia berfirman,

‘Sesungguhnya, takut kepada Tuhan, itulah
hikmah,

dan menjauhi kejahatan, itulah pengertian.’ ”

Pembelaan Ayub

29 ¹ Ayub melanjutkan huraianya, katanya,

² “Kalaulah aku seperti dalam bulan-bulan
yang silam,

seperti semasa hari-hari Allah melindungiku,

³ ketika pelita-Nya bersinar di atas kepalaku

dan dengan cahaya-Nya aku berjalan dalam kegelapan.

⁴ Kalaulah aku seperti pada masa mudaku, ketika persahabatan Allah menaungi khemahku;

⁵ ketika Yang Maha Kuasa masih bersama denganku, dan anak-anakku ada di sekelilingku;

⁶ ketika langkah-langkahku bermandikan dadih, dan batu pejal mencururkan aliran minyak bagiku.

⁷ Dahulu, ketika aku keluar ke pintu gerbang kota, dan ketika kusediakan kerusiku di alun-alun,

⁸ kalangan muda melihatku dan undur diri, sedang kalangan tua bangkit berdiri;

⁹ para pembesar berhenti bicara dan menekapkan tangan ke mulut;

¹⁰ suara para penghulu tidak terdengar, lidah mereka melekat ke langit-langit mulut.

¹¹ Ketika telinga mendengar, aku disebut berbahagia;

ketika mata melihat, aku dipuji,

¹² kerana aku menyelamatkan orang miskin yang berteriak minta tolong, dan anak-anak yatim tiada sesiapa yang menolong mereka.

- 13 Aku menerima ucapan berkat daripada orang
yang nyaris binasa,
dan kubuat hati seorang balu bersorak-sorai.
- 14 Perbenaranⁿ kupakai sebagai pakaianku,
keadilan seperti jubah dan serban bagiku.
- 15 Aku menjadi mata bagi orang buta
dan kaki bagi orang tempang.
- 16 Aku menjadi bapa bagi fakir miskin,
kuselidiki perkara orang yang tidak kuketahui.
- 17 Aku mematahkan geraham orang zalim
dan menyentak mangsa daripada
gigi-giginya.
- 18 Fikirku, 'Aku akan mati di sarangku
dan memperbanyak hari-hariku seperti pasir.
- 19 Akarku menjulur ke air,
embun bermalam di cabangku.
- 20 Kemuliaanku tetap segar kepadaku,
busur panahku diperbaharu di tanganku.
- 21 Orang mendengar dan menantikan aku,
mereka berdiam diri mendengar nasihatku.
- 22 Setelah aku berbicara, mereka tidak
berbicara lagi,
kata-kataku menetes ke atas mereka.
- 23 Mereka menantikan aku seperti menantikan
hujan,

ⁿ29:14 Perkataan, 'perbenaran' merujuk kepada apa yang baik, benar dan tidak tercemar oleh perbuatan yang salah.

mereka mengangakan mulut seperti menadah hujan pada akhir musim.

²⁴ Jika aku tersenyum kepada mereka, mereka tidak dapat mempercayainya dan seri mukaku tidak dapat dimuramkan mereka.

²⁵ Aku memilih jalan bagi mereka dan duduk sebagai kepala. Aku bersemayam seperti raja di tengah-tengah pasukannya, seperti orang yang menghiburkan kalangan yang berkabung.’ ”

Huraian Ayub selanjutnya

- 30** ¹ “Tetapi sekarang aku ditertawakan mereka yang lebih muda daripadaku, yang sepatutnya ayah-ayah mereka kupandang terlalu hina untuk ditempatkan bersama dengan anjing penjaga kawan dombaku.
- ² Apatah lagi, apa gunanya bagiku kekuatan tangan mereka? Mereka sudah kehabisan tenaga.
- ³ Mereka kurus kerana kekurangan dan kelaparan, mereka menggerumit tanah yang gersang di padang yang tandus dan sunyi.

- ⁴ Mereka memetik rumput garam di antara semak dan akar pokok arar menjadi makanan mereka.
- ⁵ Mereka dihalau daripada kalangan manusia, orang meneriaki mereka seperti meneriaki pencuri.
- ⁶ Mereka harus berdiam di alur-alur sungai kering, di lubang-lubang tanah dan ceruk-ceruk batu.
- ⁷ Di tengah-tengah semak-semak mereka menjerit, di bawah belukar mereka berkumpul.
- ⁸ Mereka kalangan anak orang bodoh dan kalangan anak orang yang tidak dikenal, mereka didepak dari negeri.
- ⁹ Sekarang, aku menjadi lagu ejekan mereka, aku menjadi sindiran bagi mereka.
- ¹⁰ Mereka mengejikan aku, menjauhkan diri daripadaku, dan tidak segan-segan meludahi mukaku.
- ¹¹ Kerana Allah telah melepaskan tali busur-Nya dan menindas aku, mereka pun tidak mengekang diri di hadapanku.
- ¹² Di sebelah kananku gerombolan bangkit. Mereka menolak kakiku,

dan membina jalan kemalangan untuk
menyerang aku.

13 Mereka membongkar jalanku, mengambil
untung daripada bencanaku,
padahal mereka sendiri tidak punya
penolong.

14 Mereka datang seolah-olah melalui lubang
tembok yang lebar;
di tengah-tengah kehancuran, mereka
datang bergulung-gulung.

15 Kegentaran meliputi diriku,
kemuliaanku diburu seperti oleh angin,
kesejahteraanku lenyap seperti awan.

16 Sekarang jiwaku tercurah dalam diriku,
hari-hari kesusahan mencengkam aku.

17 Malam menusuk tulang-tulangku,
nyeri yang menggugis aku tidak juga
berhenti.

18 Pakaianku rosak oleh kuasa yang besar,
melekat padaku seperti leher bajuku.

19 Allah membuang aku ke dalam lumpur,
aku sudah seperti debu dan abu.

20 Aku berteriak minta tolong kepada-Mu tetapi
Engkau tidak menjawab.
Aku berdiri, tetapi Engkau hanya
memandangku.

21 Engkau berubah jadi bengis terhadap aku,

- dengan kekuatan tangan-Mu Engkau
menganiaya aku.
- ²² Engkau mengangkat aku dengan angin,
melayangkan aku,
dan menghempaskan aku dalam badai.
- ²³ Aku tahu bahawa Engkau akan membawa
aku kepada maut,
ke tempat yang ditentukan bagi semua yang
hidup.
- ²⁴ Sesungguhnya, tidak ada yang menghulurkan
tangan kepada orang yang hancur
ketika dia berseru minta tolong dalam
kemalangannya.
- ²⁵ Bukankah aku menangis kerana orang yang
mengalami hari sukar?
Bukankah hatiku bersedih kerana orang yang
melarat?
- ²⁶ Tetapi ketika aku mengharapkan yang baik,
datanglah yang jahat;
ketika aku menantikan cahaya, datanglah
kelam.
- ²⁷ Batinku bergelora dan tidak mahu diam,
hari-hari kesusahan mendatangi aku.
- ²⁸ Aku berjalan dengan kulit menghitam, tetapi
bukan sinar matahari.
Aku berdiri di tengah-tengah jemaah dan
berteriak minta tolong.
- ²⁹ Aku menjadi saudara bagi serigala

dan kawan bagi burung unta. ^o

³⁰ Kulitku menghitam dan mengelupas,
tulang-tulangku terbakar kerana demam.

³¹ Bunyi kecapiku menjadi irama perkabungan,
dan bunyi serulingku menjadi suara orang
menangis.”

Ayub membuat rayuan lagi

31 ¹ “Aku telah mengikat perjanjian dengan
mataku,

bagaimana mungkin kupandang anak dara
dengan berahi?

² Apakah bahagianku daripada Allah di atas,
atau harta pusakaku daripada Yang Maha
Kuasa di tempat yang tinggi?

³ Bukankah bencana bagi orang yang buruk
kelakuannya,
dan kemalangan bagi para pelaku kejahatan?

⁴ Bukankah Allah melihat jalan-jalanku
dan menghitung segala langkahku?

⁵ Jika aku telah berjalan bersama dengan dusta,
dan kakiku bergegas menuju tipu daya,

⁶ biarlah aku ditimbang dengan neraca yang
benar

supaya Allah mengetahui ketulusan hatiku.

⁷ Jika langkahku menyimpang dari jalan

^o**30:29** Ada naskhah menyebutnya sebagai ‘burung hantu.’

- dan hatiku menuruti pandangan mataku,
atau jika noda melekat pada tanganku,
8 biarlah aku menabur lalu orang lain memakan
hasilnya,
dan biarlah hasil ladangku dicabut sampai ke
akarnya.
- 9 Jika hatiku terpikat kepada perempuan,
dan aku menunggu di pintu jiranku,
10 biarlah isteriku menggiling bagi orang lain
dan biarlah orang lain menidurinya,
11 kerana hal itu perbuatan keji,
kesalahan yang patut dihukum oleh hakim.
- 12 Itulah api yang menghanguskan sampai ke
tempat kebinasaan,
itulah yang mencabut seluruh hasilku sampai
ke akarnya.
- 13 Jika aku memandang hina hak hambaku yang
lelaki atau yang perempuan
ketika mereka berperkara dengan aku,
14 apakah yang boleh kulakukan apabila Allah
bertindak?
Apabila Dia memeriksa aku, apakah
jawabanku kepada-Nya?
- 15 Bukankah Dia, yang menjadikan aku dalam
kandungan, menjadikan orang itu juga?
Bukankah Satu juga yang membentuk kami
dalam rahim?
- 16 Jika aku menolak keinginan fakir miskin,

- membuat sayu mata seorang balu;
- ¹⁷ jika aku memakan makananku sendirian
dan anak yatim tidak turut memakannya –
- ¹⁸ malah sejak masa mudaku aku membesarkan
dia seperti seorang ayah,
sejak dalam kandungan ibuku aku
membimbing balu itu;
- ¹⁹ jika aku melihat orang binasa kerana tidak
punya pakaian,
atau orang melarat tidak punya selimut,
- ²⁰ dan hatinya tidak memohon berkat bagiku,
kerana dia dihangatkan oleh bulu dombaku;
- ²¹ jika aku mengacung-acungkan tangan
terhadap anak yatim
kerana kulihat ada yang menolong aku di
pintu gerbang,
- ²² maka biarlah bahuku lepas daripada
belikatku
dan lenganku patah daripada persendiannya,
- ²³ kerana aku takut kepada bencana daripada
Allah
dan di hadapan keluhuran-Nya aku tidak
sanggup berbuat apa-apa.
- ²⁴ Jika aku meletakkan keyakinanku kepada
emas
atau berkata kepada emas murni, ‘Engkaulah
kepercayaanku;’

- 25 jika aku bersukacita kerana besarnya
kekayaanku
dan kerana banyaknya perolehan tanganku;
26 jika aku memandang matahari ketika bersinar
atau bulan ketika beredar dengan indahnya
27 sehingga diam-diam hatiku terpicat
dan mulutku mencium tanganku tanda
hormat,
28 maka itu pun kesalahan
yang patut dihukum oleh hakim,
kerana aku mengingkari Allah yang di atas.
29 Jika aku bersukacita atas kemalangan orang
yang membenci aku
atau meninggikan diri ketika malapetaka
menimpanya –
30 aku tidak membiarkan mulutku berdosa,
menuntut nyawa orang itu dengan kutukan;
31 jika kalangan di khemahku tidak berkata,
‘Sesiapa yang tidak dikenyangkan oleh
lauk-pauknya?’ –
32 tidak pernah pendarat bermalam di jalan,
kerana kubuka pintuku bagi kafilah;
33 jika aku menutupi pelanggaranku seperti
yang dilakukan manusia
dengan menyembunyikan kesalahanku
dalam dadaku,
34 kerana takut kepada orang ramai

dan penghinaan kaum keluarga yang
mengejutkan aku

sehingga aku berdiam diri dan tidak keluar
dari pintuku!

³⁵ Ah, kalaulah ada yang mendengar aku!

Inilah tanda tanganku! Biarlah Yang Maha
Kuasa menjawab aku!

Kalaulah ada surat tuduhan yang ditulis oleh
pendakwaku!

³⁶ Pastilah aku akan memikulnya di atas bahu,
aku akan mengenakannya seperti mahkota.

³⁷ Aku akan menyatakan jumlah langkahku
kepada-Nya.

Aku akan menghampiri Dia selaku seorang
bangsawan.

³⁸ Jika tanahku menjerit menentang aku
dan alur-alur bajaknya menangis bersama-
sama;

³⁹ jika aku memakan hasilnya tanpa membayar,
atau menyebabkan para pemiliknya
kehilangan nyawa,

⁴⁰ maka biarlah duri tumbuh ganti gandum,
dan lalang ganti barli.”

Selesailah kata-kata Ayub.

Kata-kata Elihu

Elihu kemukakan pendapatnya

32 ¹ Ketiga-tiga orang itu berhenti menjawab Ayub, kerana Ayub menganggap dirinya benar. ² Lalu menyalalah amarah Elihu anak Barakheel, orang Bus, daripada kaum Ram. Dia marah kepada Ayub kerana Ayub membenarkan dirinya, dan bukan membenarkan Allah. ³ Dia juga marah kepada ketiga-tiga sahabat Ayub, kerana mereka tidak boleh menjawab Ayub namun mempersalahkan dia. ⁴ Elihu menanti kesempatan untuk dapat berbicara kepada Ayub, kerana mereka berumur lebih tua daripadanya. ⁵ Tetapi ketika Elihu melihat bahawa tidak ada jawapan lagi daripada mulut ketiga-tiga orang itu, maka menyalalah amarahnya.

⁶ Elihu anak Barakheel, orang Bus itu, berkata,
“Aku ini masih muda, sedangkan kamu sudah tua,
sebab itu aku segan dan takut menyatakan pendapatku kepadamu.

⁷ Fikirku, ‘Yang berumurlah yang harus berbicara,
yang banyak tahunnyalah yang harus mengajarkan hikmah.’

- ⁸ Tetapi roh di dalam diri manusia, iaitu nafas
Yang Maha Kuasa,
itulah yang memberikan pengertian
kepadanya.
- ⁹ Bukan yang banyak umurnya yang bijak,
bukan yang tua yang mengerti keadilan.
- ¹⁰ Oleh sebab itu aku berkata, 'Dengarlah aku.
Aku juga hendak menyatakan pendapatku.'
- ¹¹ Ketahuilah, aku telah menantikan kamu
ketika kamu berkata-kata,
dan aku telah mendengar pertimbanganmu
sementara kamu mencari kata-kata.
- ¹² Aku memperhatikan kamu,
tetapi tiada seorang pun menempelak Ayub,
tiada seorang pun antara kamu yang
menjawab kata-katanya.
- ¹³ Jangan berkata, 'Kami sudah menemukan
hikmah.
Biarlah Allah yang mengalahkan dia, bukan
manusia.'
- ¹⁴ Dia tidak menyusun kata-kata terhadap aku,
dan aku tidak akan menjawabnya dengan
kata-katamu.
- ¹⁵ Mereka bingung, mereka tidak menjawab
lagi,
mereka kehabisan kata.
- ¹⁶ Haruskah aku menanti kerana mereka tidak
berbicara

dan kerana mereka berdiri sahaja tanpa menjawab lagi?

¹⁷ Aku juga hendak menjawab pada giliranku.

Aku juga hendak menyatakan pendapatku,

¹⁸ kerana aku penuh dengan perkataan;
roh di dalam diriku mendesak aku.

¹⁹ Sesungguhnya, batinku seperti anggur yang belum dibuka,
seperti kirbat anggur baru yang hampir meletup.

²⁰ Aku harus berkata-kata supaya lega,
aku harus membuka bibirku dan menjawab.

²¹ Aku tidak akan memihak kepada sesiapa pun,
dan aku tidak akan menyanjung-nyanjung
seorang pun,

²² kerana aku tidak tahu bagaimana untuk
menyanjung-nyanjung;
jika demikian kulakukan, Penciptaku akan
segera mencabut nyawaku.”

Elihu menegur Ayub

33 ¹ “Tetapi sekarang, wahai Ayub, dengarlah
kata-kataku,
perhatikanlah segala yang kusampaikan.

² Lihatlah, kini mulutku kubuka,
lidah di dalam mulutku berbicara.

³ Kata-kataku menyatakan kejujuran hatiku,

bibirku mengatakan dengan ikhlas apa yang diketahuinya.

- ⁴ Roh Allah telah menjadikan aku,
nafas Yang Maha Kuasa menghidupkan aku.
- ⁵ Jawablah aku jika engkau sanggup!
Susunlah perkataanmu di hadapanku!
Pertahankanlah pendapatmu!
- ⁶ Sesungguhnya, aku ini sama seperti engkau di
hadapan Allah,
aku juga dibentuk daripada tanah liat.
- ⁷ Jadi, engkau tidak usah takut dan berasa
gentar terhadap aku,
desakanku kepadamu tidak akan
memberatkan.
- ⁸ Sungguh, engkau telah berkata-kata dekat
pendengaranku,
dan aku sudah mendengar bunyi
kata-katamu,
- ⁹ 'Aku suci, tanpa pelanggaran.
Aku bersih, tidak ada kesalahan padaku.
- ¹⁰ Tetapi Dia menemukan alasan untuk
menentang aku,
menganggapku musuh-Nya.
- ¹¹ Dia memasukkan kakiku ke dalam pasungan,
dan mengawasi segala jalanku.'

- 12 Namun demikian, kujawab engkau: dalam hal ini engkau salah.
Allah itu lebih besar daripada manusia.
- 13 Mengapa engkau berbantah-bantah terhadap Dia kerana Dia tidak menjelaskan segala tindakan-Nya?
- 14 Allah berfirman dengan satu dua cara, tetapi orang tidak memperhatikannya.
- 15 Dalam mimpi, dalam penglihatan pada malam hari, ketika tidur yang lelap melanda manusia, atau ketika dia mengantuk di tempat tidur,
- 16 pada waktu itulah Dia membuka telinga manusia dan memateraikan teguran-teguran bagi mereka,
- 17 supaya manusia dipalingkan daripada perbuatannya dan kesombongannya dilenyapkan.
- 18 Dia menahan jiwa manusia daripada liang kubur, juga hidupnya, supaya jangan dilenyapkan oleh lembing.
- 19 Allah menegurnya dengan penderitaan di tempat tidurnya,

- dan dengan nyeri yang terus-menerus ada dalam tulang-tulangnya,
20 sehingga dirinya muak akan makanan, dan jiwanya menolak makanan yang sedap-sedap.
- 21 Dagingnya susut sehingga tidak terlihat lagi, dan tulang-tulangnya, yang dahulu tidak kelihatan, sekarang tertonjol.
- 22 Jiwanya mendekati liang kubur dan hidupnya mendekati para pembawa maut.
- 23 Jika ada seorang malaikat menyertainya, atau seorang pengantara, satu antara seribu, untuk menyatakan kepada manusia apa yang lurus,
24 maka Dia akan mengasihannya dan berfirman,
'Lepaskan dia, supaya dia tidak turun ke liang kubur.
Aku sudah mendapat tebusan.'
- 25 Tubuhnya menjadi segar semula seperti tubuh kanak-kanak, dan dia akan kembali kepada masa mudanya.
- 26 Dia berdoa kepada Allah dan Dia berkenan kepadanya,
maka dia menghadap wajah-Nya dengan sorak-sorai;

Allah mengembalikannya kepada
kebenarannya.

²⁷ Lalu dia datang kepada manusia, katanya,
'Aku telah berdosa dan membengkokkan apa
yang lurus,
tetapi hal itu tidak dibalas kepadaku.

²⁸ Allah menebus jiwaku sehingga tidak masuk
ke liang kubur.

Hidupku akan melihat cahaya.'

²⁹ Sesungguhnya, semua hal itu dilakukan Allah
dua tiga kali terhadap manusia,

³⁰ untuk mengembalikan nyawanya daripada
liang kubur
sehingga dia disinari oleh cahaya kehidupan.

³¹ Perhatikanlah, wahai Ayub, dengarlah aku.
Berdiam dirilah, aku hendak berbicara.

³² Jika ada yang ingin kaukatakan, jawablah aku.
Bicaralah, kerana aku ingin membenarkan
engkau.

³³ Jika tidak, dengarlah aku.
Berdiam dirilah, aku akan mengajarkan
hikmah kepadamu."

Allah tidak berlaku curang

34 ¹ Elihu berkata,
² "Dengarlah kata-kataku, wahai kalangan
bijak.

- Perhatikanlah aku, wahai kalangan
berpengetahuan,
³ kerana telinga menguji kata-kata
sebagaimana langit-langit mengecap
makanan.
- ⁴ Mari kita putuskan bagi kita apa yang adil,
mari kita tentukan antara kita apa yang baik.
- ⁵ Ayub berkata, 'Aku benar,
tetapi Allah telah mengambil hakku.
- ⁶ Sungguhpun aku mempunyai hak,
aku dianggap pembohong.
Sungguhpun aku tidak melakukan pelanggaran,
lukaku tidak dapat disembuhkan.'
- ⁷ Siapakah manusia seperti Ayub,
yang meminum cemuan seperti air?
- ⁸ Dia bersekutu dengan para pelaku kejahatan,
dan bergaul dengan kalangan fasiq.
- ⁹ Katanya, 'Tidak ada gunanya bagi manusia
kalau Allah berkenan dengannya.'
- ¹⁰ Oleh sebab itu dengarlah aku, wahai
kalangan berakal,
'Jauhlah daripada Allah untuk berbuat fasiq,
jauhlah daripada Yang Maha Kuasa untuk
berbuat kezaliman.'
- ¹¹ Dia membalas manusia menurut perbuatan
mereka,

- Dia membuat orang mendapat ganjaran menurut kelakuan mereka.
- ¹² Sungguh, Allah tidak akan berbuat fasiq,
Yang Maha Kuasa tidak akan membengkokkan keadilan.
- ¹³ Siapa mempercayakan bumi kepada-Nya?
Siapa menanggungkan seluruh dunia kepada-Nya?
- ¹⁴ Jika Dia menetapkan kehendak-Nya dan menarik kembali roh-Nya serta nafas-Nya,
- ¹⁵ maka putuslah nyawa semua makhluk bersama-sama,
dan manusia kembali menjadi debu.
- ¹⁶ Jika engkau memiliki pengertian, dengarlah ini,
perhatikanlah bunyi perkataanku.
- ¹⁷ Wajarkah pembenci keadilan memerintah?
Wajarkah engkau menyalahkan Dia yang adil dan perkasa,
- ¹⁸ yang berfirman kepada raja, 'Wahai, orang dursila,'
dan kepada para bangsawan, 'Wahai, orang fasiq,'
- ¹⁹ yang tidak memihak kepada para pembesar dan tidak memandang orang kaya lebih daripada orang miskin,
kerana mereka semua buatan tangan-Nya?

- ²⁰ Dalam sesaat mereka mati.
Pada tengah malam orang digoyangkan lalu lenyap,
kalangan perkasa disingkirkan bukan oleh tangan manusia.
- ²¹ Mata-Nya memandangi jalan-jalan manusia,
dan melihat segala langkahnya.
- ²² Tidak ada kegelapan atau bayang-bayang maut,
tempat para pelaku kejahatan dapat bersembunyi.
- ²³ Tidak perlu Allah memeriksa manusia lagi
sehingga orang itu harus datang menghadap-Nya di pengadilan.
- ²⁴ Dia menghancurkan kalangan perkasa tanpa pemeriksaan,
dan mengangkat kalangan lain menggantikan mereka.
- ²⁵ Jadi, Dia mengetahui pekerjaan mereka
dan menggulingkan mereka pada malam hari
sehingga mereka hancur.
- ²⁶ Dia menampar mereka kerana kefasiqan mereka
di tempat yang terlihat oleh orang lain,
- ²⁷ kerana mereka menjauh daripada-Nya
dan tidak mahu mengendahkan segala jalan-Nya.
- ²⁸ Mereka menyebabkan seruan orang miskin

sampai kepada-Nya,
dan Dia mendengar seruan orang yang
sengsara.

²⁹ Kalau Dia berdiam-diam sahaja, siapa dapat
menyalahkan-Nya?

Kalau Dia menyembunyikan wajah-Nya,
siapa yang dapat memandangnya?

Dia berkuasa atas suatu bangsa, dan juga
atas diri seseorang,

³⁰ supaya jangan orang munafik menaiki takhta,
supaya jangan rakyat terjerat.

³¹ Adakah orang yang berkata kepada Allah,
'Aku telah meninggikan diri, tetapi aku tidak
akan lagi berbuat kesalahan.

³² Kiranya Kauajar aku hal yang tidak kulihat.
Jika aku telah berbuat zalim, maka aku tidak
akan melakukannya lagi?'

³³ Haruskah Dia melakukan pembalasan
menurut kehendakmu,
padahal engkau sendiri menolaknya?
Engkaulah yang harus memutuskan, bukan
aku.

Oleh sebab itu katakanlah apa yang
kauketahui.

³⁴ Orang yang berakal akan berkata kepadaku,
begitu pula orang bijak yang mendengar aku:

³⁵ 'Ayub berbicara tanpa pengetahuan.
Kata-katanya tidak bijaksana.'

- ³⁶ Andai Ayub diuji sampai menghabiskan,
kerana dia menjawab seperti kalangan jahat!
- ³⁷ Dia menambah dosanya dengan pelanggaran,
bertepuk tangan dalam kalangan kita sambil
bermegah,
dan memperbanyak kata-katanya menentang
Allah.”

Allah perhatikan penderitaan manusia

- 35** ¹ Lalu Elihu berkata,
² “Inikah yang kauanggap adil
sehingga engkau berkata, ‘Aku lebih benar^P
daripada Allah’
- ³ Engkau bertanya, ‘Apakah gunanya bagiku?
Apakah faedahnya bagiku kalau aku tidak
berdosa?’
- ⁴ Aku akan memberikan jawapan kepadamu
dan kepada sahabat-sahabatmu yang ada
bersamamu.
- ⁵ Pandanglah langit dan lihatlah,
perhatikanlah awan-awan yang lebih tinggi
daripada engkau.
- ⁶ Jika engkau berdosa, apakah yang kaulakukan
terhadap Dia?

^P**35:2** Atau: Aku tidak bersalah di mata Allah. Harfiah: Perbenaranku melebihi perbenaran Allah.

35:6: Ayb 22:2,3.

- Jika pelanggaranmu banyak, apakah yang kaubuat terhadap Dia?
- ⁷ Jika engkau benar, apakah yang kauberikan kepada-Nya?
Atau, apakah yang Dia terima daripada tanganmu?
- ⁸ Kefasiqanmu hanya mempengaruhi orang lain yang seperti engkau,
Perbenaranmu^q hanya mempengaruhi anak-anak manusia.
- ⁹ Orang menjerit kerana banyaknya penindasan, mereka berteriak minta tolong daripada tekanan kekuatan para penguasa.
- ¹⁰ Tetapi tidak ada yang bertanya, 'Di manakah Allah, Penciptaku,
yang memberikan nyanyian sukacita pada malam hari,
¹¹ yang mengajar kami lebih daripada binatang-binatang di bumi dan menjadikan kami lebih bijak daripada burung-burung di udara?'
- ¹² Di sana mereka berseru-seru, tetapi Dia tidak menjawab kerana kecongkakan kalangan jahat.

^q**35:8** Perbenaran: Lihat Kamus Alkitab bagi keterangan makna perkataan ini.

- ¹³ Sungguh, teriakan kosong tidak didengar Allah,
Yang Maha Kuasa tidak menghiraukannya.
- ¹⁴ Apa lagi ketika engkau berkata bahawa engkau tidak melihat-Nya, bahawa perkaramu sudah ada di hadapan-Nya, tetapi engkau masih menanti-nantikan Dia.
- ¹⁵ Tetapi sekarang, kerana murka-Nya belum menghukum dan Dia tidak terlalu mempedulikan pelanggaran,
- ¹⁶ maka Ayub membuka mulutnya dengan sia-sia, dia menimbunkan perkataan tanpa pengetahuan.”

Elihu muliakan keagungan Allah

- 36** ¹ Elihu melanjutkan kata-katanya,
² “Bersabarlah sedikit dengan aku dan aku akan menyatakan sesuatu kepadamu kerana masih ada yang hendak kukatakan demi Allah.
- ³ Aku akan menimba pengetahuanku dari jauh, dan akan menyatakan Penciptaku benar.
- ⁴ Sungguh, kata-kataku bukanlah dusta; seorang yang sempurna pengetahuannya ada di depanmu.

- ⁵ Ketahuilah, Allah itu perkasa tetapi tidak memandang hina sesiapa pun.
Dia perkasa, teguh kehendak-Nya.
- ⁶ Dia tidak membiarkan orang fasiq hidup, tetapi Dia memberikan keadilan kepada orang yang tertindas.
- ⁷ Dia tidak mengalihkan pandangan-Nya daripada orang benar, tetapi Dia menempatkan mereka dengan raja-raja di atas takhta untuk selama-lamanya sehingga mereka ditinggikan.
- ⁸ Jika mereka dibelenggu dengan rantai, tertangkap oleh tali-tali kesusahan,
- ⁹ maka dinyatakan-Nya kepada mereka perbuatan dan pelanggaran mereka, bahawa mereka telah berlaku sombong.
- ¹⁰ Dia membuka telinga mereka bagi pengajaran dan menyuruh mereka bertaubat daripada kejahatan.
- ¹¹ Jika mereka mendengar dan mahu beribadat, maka mereka akan menghabiskan hari-hari mereka dalam kemakmuran dan tahun-tahun mereka dalam kenikmatan.
- ¹² Tetapi jika mereka tidak mendengar, maka mereka akan dilenyapkan oleh lembing dan putus nyawa tanpa pengetahuan.

- 13 Orang yang berhati munafik menyimpan
amarah,
mereka tidak berteriak minta tolong ketika
Dia membelenggu mereka.
- 14 Nyawa mereka putus pada masa muda,
hidup mereka berakhir dalam kalangan
pelacur lelaki kuil.
- 15 Dia melepaskan orang yang tertindas melalui
penindasan mereka,
dan membuka telinga mereka melalui
kesusahan.
- 16 Dia juga memujuk engkau keluar dari dalam
kesesakan
ke tempat yang lapang, tempat tiada
kesusahan.
Hidangan di mejamu penuh makanan
mewah.
- 17 Tetapi engkau dipenuhi hukuman orang fasiq,
hukuman dan keadilan mencengkam engkau.
- 18 Jangan sampai kekusaran memujuk engkau
mencemuh,
janganlah besarnya tebusan menyesatkan
engkau.
- 19 Adakah kekayaanmu dapat menghindarkan
engkau daripada kesesakan,
atau segenap daya kekuatanmu?
- 20 Jangan rindukan malam hari,

ketika bangsa-bangsa dilenyapkan daripada tempat mereka.

²¹ Berhati-hatilah, jangan berpaling kepada kejahatan,
kerana itulah yang kaupilih daripada kesusahan.

²² Sesungguhnya, Allah tinggi dalam kekuatan-Nya.

Siapakah guru seperti Dia?

²³ Siapakah menentukan jalan bagi-Nya?
Siapakah yang dapat berkata, 'Engkau telah berbuat zalim'?

²⁴ Ingatlah bahawa engkau harus memuliakan pekerjaan-Nya,
yang dinyanyikan oleh manusia.

²⁵ Semua orang telah melihatnya,
manusia memandangnya dari jauh.

²⁶ Sesungguhnya, Allah itu besar, tidak tercapai oleh pengetahuan kita.

Jumlah tahun-Nya tidak terdaya diselidiki.

²⁷ Dia menarik titik-titik air yang tersuling menjadi hujan daripada kabus,

²⁸ yang dicurahkan oleh awan dan dititiskan ke atas ramai manusia.

²⁹ Siapakah yang dapat memahami perarakan awan,
dan bunyi gemuruh dari kediaman-Nya?

- ³⁰ Sesungguhnya, Dia memencarkan kilat-Nya
di sekeliling-Nya,
dan menudungi dasar laut.
- ³¹ Dengan semua itu Dia menghakimi
bangsa-bangsa,
dan mengurniakan makanan dengan
berlimpahan.
- ³² Dia menyelubungi tangan-Nya dengan kilat,
dan menyuruhnya menyambar sasaran.
- ³³ Guruh-Nya menyatakan kedatangan badai,
ternakan juga menyatakannya.”

Kemuliaan Allah di alam semesta

- 37** ¹ “Kerana hal itu juga hatiku gentar
dan melompat dari tempatnya.
- ² Dengarlah baik-baik gegak gempita suara-Nya,
gemuruh yang keluar daripada mulut-Nya;
- ³ Dia melepaskannya ke seluruh kolong langit,
juga kilat-Nya ke hujung-hujung bumi.
- ⁴ Kemudian ada suara menderu,
Dia bergemuruh dengan suara-Nya yang
agung.
Kilat tidak ditahan-Nya ketika suara-Nya
terdengar.
- ⁵ Allah bergemuruh secara ajaib dengan
suara-Nya,
dilakukan-Nya hal-hal besar yang tidak
tercapai oleh pengetahuan kita.

- ⁶ Kepada salji Dia berfirman, 'Jatuhlah ke bumi,'
begitu pula kepada hujan rintik-rintik dan
hujan lebat, 'Jadilah hujan deras.'
- ⁷ Dia menahan tangan setiap manusia,
supaya semua orang mengetahui
perbuatan-Nya.
- ⁸ Lalu binatang masuk ke tempat
persembunyiannya
dan tinggal di dalam sarangnya.
- ⁹ Angin puyuh keluar dari biliknya,
dan hawa dingin dari angin yang memecah.
- ¹⁰ Nafas Allah menjadikan ais,
dan perairan yang luas membeku.
- ¹¹ Dia pun menepukan awan dengan air,
dan awan memencarkan kilat-Nya.
- ¹² Awan itu beredar ke sana ke mari dengan
tuntunan-Nya
untuk melakukan apa-apa pun yang
diperintahkan-Nya di muka bumi.
- ¹³ Dia mendatangkannya sama ada sebagai
tongkat ajaran,
sebagai berkat bagi bumi-Nya,
ataupun sebagai wujud kasih abadi.
- ¹⁴ Dengarlah hal ini, wahai Ayub.
Diamlah dan perhatikanlah keajaiban-
keajaiban Allah.
- ¹⁵ Tahukah engkau bagaimana Allah
menetapkan semuanya

- dan menyinarkan kilat dari awan-Nya?
- ¹⁶ Tahukah engkau tentang melayangnya awan,
tentang segala keajaiban daripada Dia yang
sempurna pengetahuan-Nya?
- ¹⁷ wahai engkau, yang pakaiannya menjadi
panas
ketika Dia meneduhkan bumi dengan angin
selatan,
- ¹⁸ dapatkah engkau menyertai Dia
membentangkan langit,
yang kuat seperti cermin tuangan?
- ¹⁹ Beritahu kami apa yang harus kami katakan
kepada-Nya.
Kami tidak dapat menyusun perkataan
kerana kegelapan.
- ²⁰ Haruskah diberitahu kepada-Nya bahawa aku
hendak berbicara?
Adakah orang berkata bahawa dia ingin
dibinasakan?
- ²¹ Sekarang orang tidak melihat cahaya yang
cemerlang di langit,
tetapi angin bertiup dan menjernihkannya.
- ²² Dari arah utara datang sinar keemasan.
Allah berselubung dengan kemegahan yang
menggerunkan.
- ²³ Yang Maha Kuasa tidak dapat kita fahami.
Besarnya kekuatan dan keadilan-Nya.

Dalam perbenaran-Nya^r yang berlimpahan,
Dia tidak pernah menindas.

²⁴ Itulah sebabnya orang takut kepada-Nya,
Dia tidak mengendahkan semua orang yang
mengaku berhati bijak.”

Tuhan **menjawab Ayub**

Kuasa Allah atas segala-galanya

38 ¹ Kemudian Tuhan menjawab Ayub dari
dalam angin puting beliung,

² “Siapakah orang ini yang meragukan
hikmah-Ku dengan kata-kata yang tidak
berilmu?

³ Bersiaplah engkau sebagai seorang lelaki;
Aku hendak bertanya kepadamu, dan engkau
harus menjawab Aku.

⁴ Di manakah engkau ketika Aku meletakkan
asas bumi?

Jawablah jika engkau berpengetahuan.

⁵ Siapakah yang menentukan ukuran bumi?
Tentu engkau tahu!

Atau, siapakah yang merentangkan tali
pengukur di atasnya?

⁶ Di atas apakah asas-asasnya ditanamkan?

^r**37:23** Rangkaian kata ‘Perbenaran-Nya’ yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, ‘tsadeq’ dapat dirujuk kepada sifat Tuhan terutama sifat-Nya yang benar dan adil.

Atau, siapakah yang meletakkan batu
penjurunya

⁷ ketika bintang fajar bersorak-sorai bersama-
sama

dan semua anak Allah^s bersorak gembira?

⁸ Siapakah yang menutup laut dengan pintu
ketika laut memancar keluar dari dalam
rahim,

⁹ ketika Aku menjadikan awan pakaiannya
dan kelam pekat kain bedungnya,

¹⁰ ketika Kuputuskan batas baginya
dan Kupasang palang serta pintu,

¹¹ ketika Aku berfirman, 'Sejauh ini engkau
boleh pergi tetapi tidak lebih.

Di sinilah gelombangmu yang bongkak akan
berhenti'?

¹² Seumur hidupmu pernahkah engkau
memerintahkan terbitnya pagi,

atau memberitahu fajar tempatnya,

¹³ supaya ia memegang hujung-hujung bumi
danengebaskan orang fasiq dari
dalamnya?

¹⁴ Bumi berubah seperti tanah liat yang
dimateraikan,

segala sesuatu menjadi seperti pakaian.

^s38:7 Juga diterjemahkan sebagai makhluk ilahi.

38:8: Yer 5:22.

- 15 Tetapi cahaya orang fasiq ditahan,
dan lengan yang terangkat dipatahkan.
- 16 Pernahkah engkau pergi sampai ke
mata-mata air di laut,
atau menjalani tempat-tempat rahsia
samudera?
- 17 Pernahkah pintu-pintu gerbang maut
diperlihatkan kepadamu?
Pernahkah kau lihat pintu-pintu gerbang
bayang maut?
- 18 Pernahkah kau fahami luasnya bumi?
Nyatakanlah kalau engkau tahu akan semua
itu.
- 19 Di manakah jalan ke tempat kediaman
cahaya?
Di manakah tempat tinggal kegelapan,
- 20 sehingga engkau dapat menghantarnya ke
daerahnya
dan mengetahui jalan ke rumahnya?
- 21 Tentu engkau tahu kerana engkau sudah lahir
pada waktu itu
dan jumlah harimu sudah banyak!
- 22 Pernahkah engkau masuk ke dalam
perbendaharaan salji,
atau melihat perbendaharaan hujan ais,
- 23 yang Kusimpan untuk masa kesesakan,
untuk hari pertempuran dan peperangan?
- 24 Di manakah jalan tempat kilat dibahagikan,

- tempat angin timur disebarkan ke atas bumi?
25 Siapakah yang membuka saluran bagi air bah
dan jalan bagi kilat guruh,
26 untuk menghujani tanah yang tidak ada
orangnya,
gurun yang tidak ada manusianya,
27 untuk mengenyangkan padang yang tandus
dan sunyi,
serta untuk menumbuhkan tunas-tunas
rumput muda?
28 Apakah hujan itu berayah?
Atau, siapakah yang menyebabkan titik-titik
embun lahir?
29 Daripada kandungan siapakah keluar ais?
Siapakah yang melahirkan embun beku di
langit,
30 ketika air mengeras seperti batu
dan permukaan samudera membeku?
31 Dapatkah engkau mengikat gugusan bintang
Kartika,
atau melepaskan ikatan bintang Belantik?
32 Dapatkah engkau mengeluarkan rasi-rasi
bintang pada masanya,
atau memandu bintang Biduk dengan
anak-anaknya?
33 Tahukah engkau ketetapan-ketetapan langit?

- Dapatkah engkau menetapkan pemerintahannya di atas bumi?
- 34 Dapatkah engkau menyaringkan suaramu sampai ke awan, atau meliputi dirimu dengan air bah?
- 35 Dapatkah engkau mengutus petir sehingga mereka pergi sambil berkata kepadamu, 'Inilah kami'?
- 36 Siapakah yang menaruh hikmah di dalam batin? Atau, siapakah yang memberikan pengertian kepada fikiran?
- 37 Siapakah yang dapat mengira jumlah awan dengan hikmah? Siapakah yang dapat mencurahkan isi kirbat-kirbat langit,
- 38 ketika debu jadi keras dan gumpalan-gumpalan tanah berlekatan?
- 39 Dapatkah engkau memburu mangsa bagi singa betina, atau mengenyangkan anak singa yang lapar
- 40 ketika singa-singa itu meringkuk di sarang, dan menunggu di belukar?
- 41 Siapakah yang menyediakan bekal bagi burung gagak ketika anak-anaknya berteriak kepada Allah dan berkeliaran kerana kekurangan makanan?

39 ¹ Tahukah engkau masa kambing gunung beranak?

Adakah engkau memperhatikan waktu rusa betina sakit beranak?

² Dapatkah engkau menghitung bulan-bulan kambing dan rusa ini mengandung?

Tahukah engkau saatnya anak-anaknya dilahirkan,

³ dan saatnya membongkok lalu melahirkan anak-anaknya,

serta mengeluarkan buah sakit bersalinnya?

⁴ Anak-anaknya menjadi kuat dan besar di padang terbuka,

lalu pergi dan tidak kembali lagi kepada induknya.

⁵ Siapakah yang melepaskan keldai liar sehingga ia bebas?

Siapakah yang melepaskan tambatan keldai hutan?

⁶ Aku menentukan tanah tandus sebagai rumahnya,

padang garam sebagai tempat kediamannya.

⁷ Dertawakannya keriuhan kota,

dan tidak didengarnya teriakan si tukang kerah.

⁸ Dijelajahnya gunung-gunung padang rumputnya

dan dicarinya apa-apa pun yang hijau.

- ⁹ Sudikah seladang melayanimu?
mahukah ia bermalam dekat kandang
milikmu?
- ¹⁰ Dapatkah engkau mengikat seladang dengan
tali di alur bajak?
mahukah ia menyisir tanah lembah
mengikuti engkau?
- ¹¹ Dapatkah engkau bergantung padanya
kerana kekuatannya besar?
Dapatkah engkau menyerahkan kepadanya
pekerjaanmu yang berat?
- ¹² Dapatkah engkau percaya bahawa ia akan
membawa pulang hasil tanahmu
dan mengumpulkannya di tempat
pembantinganmu?
- ¹³ Sayap burung unta mengepak riang,
tetapi adakah seramah sayap dan bulu-bulu
burung ranggung?
- ¹⁴ Ditinggalkannya telurnya di tanah,
dan dipanaskannya dalam debu.
- ¹⁵ Dia lupa bahawa sembarang kaki dapat
memecahkannya,
atau binatang liar dapat menginjaknya.
- ¹⁶ Dia berkeras terhadap anak-anaknya,
seolah-olah bukan anaknya sendiri.
Sungguhpun jerih lelahnya percuma, ia tidak
takut,
- ¹⁷ kerana Allah tidak memberinya hikmah

dan tidak mengurniainya pengertian.

¹⁸ Ketika ia mengepakkan sayapnya tinggi-tinggi
untuk berlari,

ia mentertawakan kuda dan penunggangnya.

¹⁹ Adakah engkau yang memberikan kekuatan
kepada kuda?

Adakah engkau yang mengenakan surai pada
tengkuknya?

²⁰ Adakah engkau yang membuatnya melompat
seperti belalang?

Dengusnya yang gagah sungguh mengerikan.

²¹ Dia mengais-ngais di lembah dan bergirang
kerana kekuatannya.

Dia keluar menyongsong senjata.

²² Dia mentertawakan kedahsyatan dan tidak
kecut hati.

Dia tidak berpaling dari pedang.

²³ Di atasnya ada tabung panah yang
gemerencing,

tombak yang berkilat dan lembing.

²⁴ Dengan garang dan gusar ditempuhnya
tanah,

ia tidak dapat tenang ketika sangkakala
berbunyi.

²⁵ Setiap kali sangkakala berbunyi, ia berkata,
'Nah!'

Dia mencium bau peperangan dari jauh,
gemuruh para panglima dan sorak-sorai.

- ²⁶ Adakah kerana pengertianmu, helang
melayang tinggi
dan mengembangkan sayapnya ke arah
selatan?
- ²⁷ Adakah atas perintahmu rajawali
membumbung
dan membuat sarangnya di tempat yang
tinggi?
- ²⁸ Dia diam dan bermalam di bukit batu,
di atas tebing bukit batu dan tempat yang
kukuh.
- ²⁹ Dari situ ia mengintai makanannya,
matanya memandang dari jauh.
- ³⁰ Anak-anaknya menghisap darah.
Di mana ada yang terbunuh, di situ ia
berada.”

Ayub merendahkan diri

- 40** ¹ Tuhan berfirman kepada Ayub:
² “Adakah si penuduh mahu berbantah
melawan Yang Maha Kuasa?
Biarlah dia yang menegur Allah menjawab!”
- ³ Jawab Ayub kepada Tuhan:
⁴ “Aku ini hina adanya, apa yang dapat kujawab
kepada-Mu?
Tanganku kutekapkan ke mulut.

⁵ Aku sudah berbicara satu kali, tetapi aku tidak mahu menjawab lagi bahkan dua kali, dan aku tidak mahu menambahi apa-apa lagi.”

Ayub dicabar

⁶ Tuhan menjawab Ayub dari dalam angin puting beliung,

⁷ “Bersiaplah engkau sebagai lelaki.

Aku hendak bertanya kepadamu, dan engkau harus menjawab Aku.

⁸ Apakah engkau mahu membatalkan pengadilan-Ku?

Apakah engkau mahu mempersalahkan Aku supaya engkau benar?

⁹ Apakah engkau berkuasa seperti Allah?

Dapatkah suaramu mengguntur seperti suara-Nya?

¹⁰ Hiasilah dirimu dengan keagungan dan keluhuran,

kenakanlah kemuliaan dan semarak.

¹¹ Hamburkanlah amarahmu yang meluap-luap, pandanglah setiap orang yang sombong dan rendahkanlah dia.

¹² Pandanglah setiap orang yang sombong dan tundukkanlah dia,

injaklah orang fasiq di tempatnya.

¹³ Kuburlah mereka bersama-sama dalam debu,

selubungilah muka mereka di tempat yang tersembunyi.

- 14 Maka Aku sendiri akan mengakui bahwa tangan kanan kamulah yang menyelamatkan engkau.”

Gambaran tentang Behemot

- 15 “Lihatlah Behemot yang juga kubuat sama seperti engkau.
Ia makan rumput seperti lembu.
- 16 Lihatlah, kekuatannya ada pada pinggangnya, tenaganya pada urat-urat perutnya.
- 17 Ia meregangkan ekornya seperti pokok araz, otot pahanya jalin-menjalin.
- 18 Tulang-tulanganya seperti pipa tembaga, rangkanya seperti batang besi.
- 19 Ia adalah antara yang pertama daripada pekerjaan Allah.
Hanya pembuatnyalah yang dapat mendekat dengan pedang-Nya.
- 20 Gunung-gunung menghasilkan makanan baginya,
segala binatang liar bermain di sana.
- 21 Di bawah pohon teratai ia berbaring, tersembunyi dalam rumpun buluh di rawa-rawa.
- 22 Pohon teratai menaunginya dengan bayang-bayanginya,

pokok-pokok gandarusa di tepi sungai
mengelilinginya.

²³ Sekalipun sungai meluap, ia tidak gentar.
Ia tetap tenang sekalipun Sungai Yordan
bergelora melanda mulutnya.

²⁴ Dapatkah orang menangkapnya ketika ia
terjaga,
atau mencucuk hidungnya dengan pengait?"

41 ¹ "Dapatkah engkau menarik Lewiatan
dengan mata kail,
atau menahan lidahnya dengan tali?

² Dapatkah engkau memasang tali di hidungnya,
atau mencucuk rahangnya dengan cangkuk?

³ Adakah ia akan mengajukan banyak
permohonan kepadamu,
atau bercakap dengan kata-kata yang lembut
kepadamu?

⁴ Adakah ia akan mengikat perjanjian
denganmu,

supaya engkau mengambilnya sebagai
hambamu untuk selama-lamanya?

⁵ Adakah engkau bermain-main dengannya
seperti dengan burung,
atau mengikatnya untuk anak-anak
perempuanmu?

- ⁶ Dapatkah kelompok nelayan menjualbelikan dia?
Dapatkah dia dibahagi-bahagi antara pedagang?
- ⁷ Dapatkah engkau menusuk kulitnya dengan tombak bermata tiga,
atau kepalanya dengan lembing penangkap ikan?
- ⁸ Taruhlah tanganmu padanya,
dan ingatlah perlawanannya.
Engkau tidak akan melakukannya lagi!
- ⁹ Sesungguhnya, harapan untuk menangkapnya hampa belaka.
Bukankah melihat rupanya sahaja orang sudah jatuh pengan?
- ¹⁰ Tiada orang yang cukup bengis yang berani membangunkan dia.
Kalau begitu, siapakah yang dapat bertahan di hadapan-Ku?
- ¹¹ Siapakah lebih dahulu memberi-Ku sehingga Aku harus membalasnya?
Segala sesuatu di seluruh kolong langit ialah milik-Ku.
- ¹² Aku tidak mahu berdiam diri mengenai anggota-anggota tubuhnya,
mengenai tenaganya dan bentuknya yang elok.

- 13 Siapakah yang dapat melucuti pakaian luarnya?
Siapakah yang dapat masuk ke dalam kekangnya?
- 14 Siapakah yang dapat membuka pintu moncongnya?
Di sekeliling giginya ada kengerian.
- 15 Dia menyombongkan sisiknya yang kuat, yang tertutup rapat seperti dimateraikan.
- 16 Sisiknya berdekatan satu sama lain, sehingga udara tidak dapat masuk di antaranya;
- 17 berlekatan satu sama lain, bertautan dan tidak terpisah.
- 18 Bersinnya menyemburkan cahaya, matanya seperti fajar merekah.
- 19 Daripada mulutnya keluar obor, bunga api berpercikan.
- 20 Dari lubang hidungnya keluar asap seperti periuk mendidih oleh kumbuh yang terbakar.
- 21 Nafasnya menyalakan bara, nyala api keluar daripada mulutnya.
- 22 Di tengkuknya tersimpan kekuatan, ketakutan berlompatan di hadapannya.
- 23 Daging gelambirnya berlekatan, mengeras pada tubuhnya dan tidak dapat digerakkan.

- 24 Hatinya keras seperti batu,
keras seperti batu kilangan bawah.
- 25 Ketika ia bangkit, kalangan kuat pun takut,
oleh libasannya mereka menghilang.
- 26 Dia tidak mempan disergap dengan pedang,
begitu pula dengan tombak, anak panah,
atau lembing.
- 27 Besi dianggapnya jerami,
tembaga dianggapnya kayu busuk.
- 28 Anak panah tidak dapat membuatnya lari,
batu tarbil berubah jadi tunggul jerami
baginya.
- 29 Gada dianggapnya tunggul jerami,
ia tertawa mendengar desingan lembing.
- 30 Bahagian bawahnya seperti tembikar yang
tajam,
di atas lumpur ia membujur
seperti deretan pengirik.
- 31 Dibuatnya air yang dalam menggelegak
seperti periuk.
Dibuatnya laut seperti kualii rempah-rempah.
- 32 Ditinggalkannya jalur yang bersinar di
belakangnya,
sehingga orang menyangka samudera
beruban.
- 33 Tidak ada tandingannya di atas bumi!
Dialah makhluk yang dibuat tanpa rasa takut.
- 34 Dipandanginya semua yang tinggi;

ia raja atas semua makhluk yang bongkak.”

Ayub mengaku salah dan menyesal

42

¹ Jawab Ayub kepada Tuhan,

² “Aku tahu bahawa Engkau sanggup melakukan apa-apa pun,

dan rancangan-Mu tidak dapat dicegah.

³ Firman-Mu, ‘Siapakah ini, yang meragukan hikmah-Ku

dengan tidak berpengetahuan?’

Itulah sebabnya aku telah menyatakan apa yang tidak kufahami,

hal-hal yang terlalu ajaib bagiku, yang tidak kuketahui.

⁴ Firman-Mu, ‘Dengarlah, Aku hendak berfirman.

Aku hendak bertanya kepadamu, dan engkau harus menjawab Aku.’

⁵ Dahulunya, Engkau hanya kudengar melalui telinga,

tetapi sekarang aku melihat Engkau dengan mataku.

⁶ Oleh sebab itu aku memandang hina diriku, dan duduk menyesal dalam debu dan abu.”

Ayub dipulihkan

⁷ Setelah Tuhan menyampaikan firman itu kepada Ayub, berfirmanlah Tuhan kepada Elifas, orang Teman, “Murka-Ku menyala terhadap engkau dan terhadap kedua-dua sahabatmu, kerana kamu tidak berkata benar tentang Aku seperti hamba-Ku Ayub. ⁸ Sekarang, ambillah tujuh ekor lembu jantan dan tujuh ekor domba jantan. Pergilah kepada hamba-Ku Ayub dan persembahkanlah korban bakaran demi dirimu. Ayub, hamba-Ku, harus berdoa untuk kamu, kerana hanya doanyalah yang akan Kuterima, supaya jangan Aku memperlakukan kamu selaras dengan kebodohan kamu. Kamu tidak berkata benar tentang Aku seperti hamba-Ku Ayub.”

⁹ Maka pergilah Elifas orang Teman, Bildad orang Suah, dan Zofar orang Naama, lalu melaksanakan apa yang difirmankan Tuhan kepada mereka. Tuhan pun menerima permohonan Ayub.

¹⁰ Setelah Ayub berdoa untuk sahabat-sahabatnya, Tuhan memulihkan keadaan mereka. Kemudian Tuhan menambahkan segala milik Ayub dua kali lipat ganda dari dahulu. ¹¹ Semua saudara lelakinya, saudara perempuannya, dan semua kenalannya yang

lama datang kepadanya dan makan bersama-sama di rumahnya. Mereka turut berdukacita dan menghiburkan dia kerana segala malapetaka yang telah ditimpakan Tuhan kepadanya. Masing-masing memberi dia sekeping wang dan sebutir cincin emas.

¹² Tuhan memberkati sisa hidup Ayub lebih daripada sebelumnya. Dia memiliki 14,000 ekor kambing dan domba, 6,000 ekor unta, 1,000 pasang lembu, dan 1,000 ekor keldai betina.

¹³ Dia juga memiliki tujuh orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan. ¹⁴ Anak perempuan yang pertama diberinya nama Yemima, yang kedua Kezia, dan yang ketiga Keren-hapukh. ¹⁵ Di seluruh negeri tidak ada perempuan secantik anak-anak perempuan Ayub. Ayah mereka memberi mereka harta pusaka bersama-sama para saudara lelaki mereka.

¹⁶ Setelah itu, Ayub masih hidup 140 tahun lamanya. Dia melihat anak cucunya sampai keturunan yang keempat. ¹⁷ Kemudian Ayub pun meninggal ketika sudah tua dan lanjut usia.

MAZMUR

Jilid I: 1 – 41

- 1** ¹ Diberkatilah orang
yang tidak berjalan menurut nasihat orang
zalim
atau berdiri di jalan orang berdosa
atau duduk di kerusi orang yang mengejek.
- ² Tetapi dia bersukacita dengan hukum Tuhan,
dan merenung hukum-Nya siang dan malam.
- ³ Dia seperti pohon yang ditanam di tepi
perairan,
yang menghasilkan buahnya pada musimnya
dan daunnya tidak layu.
Apa sahaja yang dilakukannya berjaya.
- ⁴ Tidak demikian orang zalim!
Mereka seperti sekam yang dilayangkan
angin.
- ⁵ Oleh itu, orang zalim tidak akan bertahan
dalam penghakiman,
begitu juga orang berdosa dalam
perhimpunan orang benar.

⁶ Kerana Tuhan menaungi jalan orang benar,
tetapi jalan orang zalim akan binasa.

2 ¹ Mengapakah bangsa-bangsa
berpakat dan kaum-kaum berkomplot
dengan sia-sia?

² Raja-raja bumi ini menegakkan pendirian
dan para pemerintah bermuafakat
untuk melawan Tuhan
dan melawan Dia yang diurapi-Nya;

³ Mereka berkata,
“Mari kita putus rantai pengikat mereka,
dan buangkan belenggu mereka.”

⁴ Dia yang bertakhta di
syurga tertawa;
Tuhan mencemuh mereka.

⁵ Kemudian Dia menegur mereka dalam
kemarahan-Nya
dan menakutkan mereka dalam kemurkaan-
Nya, sambil berfirman,

⁶ “Aku telah menabalkan Raja-Ku di atas Sion,
bukit suci-Ku.”

⁷ Aku akan mengisytiharkan firman Tuhan:
Dia berkata kepadaku,
“Engkau Anak-Ku;
pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.

⁸ Mintalah daripada-Ku,

Aku akan menjadikan segala bangsa
warisan-Mu,
dan setiap pelosok bumi milik-Mu.

⁹ Engkau akan memerintah mereka dengan
tongkat besi;
dan menghancurkan mereka seperti
tembikar.”

¹⁰ Oleh itu, hai kamu raja-raja, bijaksanalah;
berhati-hatilah, kamu para pemerintah bumi.

¹¹ Layanlah Tuhan dengan rasa takut
dan bersukacitalah dengan gementar.

¹² Ciumlah Anak itu,
jangan sampai Dia marah lalu kamu
dibinasakan di jalan,
kerana kemurkaan-Nya mudah bemarkak.
Diberkatilah semua orang yang bernaung
kepada-Nya.

**Mazmur Daud ketika dia melarikan
diri daripada anaknya Absalom.**

3 ¹ Ya Tuhan, betapa ramainya musuhku!
Betapa ramai yang bangkit melawanku!

² Ramai yang berkata tentangku,
“Allah tidak akan menyelamatkannya.” ^t**Sela**

^t**3:2** Kata Ibrani, ‘Sela’ tidak diketahui ertinya. Perkataan ini dianggap sebagai tatatanda muzik ibadat atau tanda pembacaan ‘berhenti dan dengarkan.’

2:9: Why 2:26,27; 12:5; 19:15.

³ Tetapi Engkau ialah perisai yang melindungiku,
ya Tuhan;
Engkau mengurniakan kemuliaan dan
mengangkat kepalaku.

⁴ Kepada Tuhan aku berseru lantang,
dan Dia menyahut seruanku dari bukit
suci-Nya. **Sela**

⁵ Aku baring dan tidur;
aku terjaga semula,
kerana Tuhan memeliharaku.

⁶ Aku tidak akan takut kepada puluhan ribu
yang bersiap sedia melawanku dari setiap
pihak.

⁷ Bangkitlah, ya Tuhan!
Selamatkanlah aku, Ya Allahku!
Palulah semua musuhku di tulang rahang
mereka;
patahkanlah gigi orang zalim.

⁸ Daripada Tuhan datang penyelamatan.
Semoga Engkau memberkati umat-Mu. **Sela**

**Untuk pemimpin muzik. Dengan
iringan alat-alat muzik bertali.**

Mazmur Daud.

4 ¹ Jawablah apabila aku berseru kepada-Mu,
Ya Allahku yang benar.
Kurangkan penderitaanku;
kasihanilah aku dan dengar doaku.

² Berapa lamakah, hai manusia,
kamu akan terus menjadikan kemuliaanku satu
kebaikan?

Berapa lamakah kamu akan mencintai
bayangan maya
dan mencari tuhan-tuhan palsu? **Sela**

³ Ketahuilah, Tuhan telah memilih orang yang
warak untuk diri-Nya;
Tuhan akan mendengar apabila aku berseru
kepada-Nya.

⁴ Apabila kamu marah, janganlah sampai
melakukan dosa;
ketika di tempat tidurmu,
sorotilah hatimu dalam senyap sepi. **Sela**

⁵ Persembahkan korban-korban yang benar dan
percayalah kepada Tuhan.

⁶ Ramai yang bertanya, “Siapa dapat
menunjukkan kita kebaikan?”
Sinari kami dengan cahaya wajah-Mu, ya
Tuhan.

⁷ Engkau telah memenuhi hatiku dengan
kegembiraan lebih daripada ketika
biji-bijian
dan air anggur baru mereka mewah melimpah.

⁸ Aku akan berbaring dan tidur dalam sejahtera,
kerana hanya Engkau, ya Tuhan,

membolehkan aku tinggal dengan selamat.
**Untuk pemimpin muzik. Dengan
iringan seruling. Mazmur Daud.**

- 5** ¹ Dengarlah kata-kataku, ya Tuhan,
pertimbangkan keluhanku.
- ² Dengarlah jeritanku meminta tolong,
wahai Rajaku dan Allahku,
kerana kepada-Mu aku berdoa.
- ³ Pada waktu pagi, ya Tuhan, Kaudengar
suaraku;
pada waktu pagi kulafazkan permohonanku
ke hadirat-Mu lalu menanti dengan
harapan.
- ⁴ Engkau bukanlah Allah yang suka akan
kejahatan;
dengan-Mu orang zalim tidak dapat tinggal.
- ⁵ Orang angkuh tidak dapat berdiri di
hadirat-Mu;
Engkau benci akan semua yang berbuat
jahat.
- ⁶ Engkau membinasakan orang yang berdusta;
orang yang suka menumpahkan darah dan
memperdaya dibenci oleh Tuhan.
- ⁷ Tetapi aku, dengan limpah belas kasihan-Mu,
akan masuk ke rumah-Mu;
dengan sepenuh hormat aku akan tunduk ke
arah Bait Suci-Mu.

⁸ Pimpinlah aku, ya Tuhan, dalam perbenaran-Mu^u

kerana musuh-musuhku –
luruskanlah jalan-Mu di hadapanku.

⁹ Tiada sepatah kata pun daripada mulut
mereka dapat dipercayai;

hati mereka dipenuhi pembinasaan.

Kerongkong mereka seperti kubur terbuka;
lidah mereka menuturkan tipu daya.

¹⁰ Isytiharkan mereka bersalah, ya Allah!

Biarkan pakatan sulit mereka menjatuhkan
mereka.

Singkirkan mereka kerana dosa mereka yang
banyak,

kerana mereka telah menderhaka
terhadap-Mu.

¹¹ Tetapi biarlah semua orang yang bernaung
kepada-Mu bersukacita;

biar mereka sentiasa bernyanyi kegembiraan.

Berilah mereka perlindungan-Mu,

supaya orang yang mengasihi nama-Mu
dapat bersukacita dalam-Mu.

^u**5:8** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak Tuhan bagi umat-Nya serta sifat-Nya yang benar dan adil.

¹² Kerana, ya Tuhan, tentulah Engkau memberkati orang yang benar; Engkau melindungi mereka dengan kemurahan-Mu seperti dengan perisai.

Untuk pemimpin muzik. Dengan iringan alat-alat muzik bertali.

Dengan kecapi bertali lapan. Mazmur Daud.

- 6** ¹ Ya Tuhan, janganlah menempelak aku dalam kemarahan-Mu atau menghukum aku dalam kemurkaan-Mu.
- ² Kasihanilah aku, ya Tuhan, kerana aku longlai; Ya Tuhan, sembuhkanlah aku, kerana tulang-tulangku terseksa.
- ³ Jiwaku gundah-gulana.
Berapa lama, ya Tuhan, berapa lama?
- ⁴ Berpalinglah semula kepadaku, ya Tuhan, dan lepaskan aku;
selamatkan aku kerana kasih setia-Mu.
- ⁵ Tiada sesiapa mengingati-Mu setelah dia mati.
Siapa yang memuji-Mu dari kubur?
- ⁶ Aku letih lesu kerana mengerang;
sepanjang malam kubanjiri tempat tidurku dengan tangisan dan kubasahi katilku dengan air mata.
- ⁷ Matakku menjadi lemah kerana kesedihan;

dan semakin kelam kerana musuhku.

⁸ Nyahlah dari sisiku, hai kamu yang berbuat jahat,

kerana Tuhan telah mendengar ratapanku.

⁹ Tuhan telah mendengar jeritanku memohon belas kasihan; Tuhan menerima doaku.

¹⁰ Semua musuhku akan malu dan kecewa; mereka akan berpatah balik dalam keaiban yang tiba-tiba.

Doa Daud yang dinyanyikan kepada Tuhan tentang Kush, orang Benyamin.

7 ¹ Ya Tuhan, ya Allahku,
pada-Mu aku bernaung;
selamatkan dan lepaskan aku daripada
semua yang memburuku,

² jangan biarkan mereka mengoyak-
ngoyakkanku seperti singa
dan mencarik-carikku tanpa sesiapa
melepaskanku.

³ Ya Tuhan, ya Allahku,
jika aku telah melakukan ini
dan tanganku bergelumang dosa –

⁴ jika aku telah berbuat jahat kepada orang
yang baik denganku
atau tanpa sebab aku telah merampas milik
musuhku –

- ⁵ maka biarlah musuhku memburu dan menangkapku;
biar dia melanyak nyawaku ke tanah dan membuatku tidur dalam debu. **Sela**
- ⁶ Bangkitlah, ya Tuhan, dalam kemarahan-Mu;
bangkit melawan keberangan para musuhku.
Jagalah, ya Tuhan; firmankan keadilan.
- ⁷ Biarlah perhimpunan jemaah umat mengelilingi-Mu.
Perintahlah mereka dari tempat-Mu yang tinggi;
- ⁸ biar Tuhan menghakimi segala umat.
Hakimi aku, ya Tuhan, berasaskan perbenaranku,^v
berasaskan keikhlasanku,
Ya Tuhan Maha Tinggi.
- ⁹ Ya Allah yang benar,
yang menyoroti fikiran dan hati,
tamatkan keganasan orang zalim
dan pastikan keselamatan orang yang benar.
- ¹⁰ Perisaiku Allah Maha Tinggi,
yang menyelamatkan orang tulus.
- ¹¹ Allah hakim yang benar,

^v**7:8** Juga diterjemahkan dengan perkataan, 'kebenaran.' Perkataan 'perbenaran' dalam ayat ini membawa erti perbuatan yang benar, yang adil dan tidak salah.

Allah menunjukkan kemurkaan-Nya setiap hari.

¹² Jika manusia tidak bertaubat,

Dia akan mengasah pedang-Nya;

Dia akan memasang panah-Nya.

¹³ Dia telah menyiapkan senjata-senjata-Nya yang membawa maut;

Dia menyediakan anak-anak panah-Nya yang menyalu.

¹⁴ Orang yang menghamilkan kejahatan

dan membenihkan kekacauan akan melahirkan kekecewaan.

¹⁵ Orang yang menggali lubang

akan jatuh ke dalam lubang yang digalinya.

¹⁶ Kekacauan yang disebabkan akan memantul ke atas dirinya;

keganasannya menimpa kepalanya sendiri.

¹⁷ Aku akan bersyukur kepada Tuhan

kerana apa yang dilakukan-Nya adalah benar dan akan menyanyikan pujian bagi nama

Tuhan Maha Tinggi.

Untuk pemimpin muzik. Dengan iringan gitit. Mazmur Daud.

8 ¹ Ya Tuhan, Tuhan kami,

betapa agung nama-Mu di seluruh bumi!

Engkau telah menetapkan kemuliaan-Mu yang mengatasi langit.

- ² Daripada mulut kanak-kanak dan bayi yang masih menyusu,
Engkau telah membina kekuatan untuk menentang musuh-Mu,
supaya Engkau dapat menewaskan seteru dan penuntut bela.
- ³ Apabila aku melihat langit-Mu,
hasil kerja jari-Mu,
bulan dan bintang, yang Kautentukan,
⁴ apakah manusia maka Engkau mengingatnya,
dan anak manusia maka Engkau mengendahnya?
- ⁵ Engkau telah menjadikannya rendah sedikit daripada Yang Ilahi dan memahkotakannya dengan kemuliaan dan kehormatan.
- ⁶ Engkau telah memberinya kekuasaan atas seluruh ciptaan-Mu;
Engkau telah menaklukkan segala sesuatu di bawah kakinya:
- ⁷ segala domba dan lembu,
segala binatang di padang,
⁸ burung di udara, dan ikan di laut,
serta segala hidupan di lautan.

8:2: Mat 21:16.

8:4: Ayb 7:17,18; Mzm 144:3; Ibr 2:6-8.

8:6: 1Kor 15:27; Ef 1:22; Ibr 2:8.

⁹ Ya Tuhan, Tuhan kami,
betapa agung nama-Mu di seluruh bumi!

Untuk pemimpin muzik.

Menurut lagu “Kematian Anak.” Mazmur Daud.

9 ¹ Aku akan memuji-Mu, ya Tuhan,
dengan sepenuh hatiku;
aku akan menceritakan segala keajaiban
yang Kaulakukan,

² Aku akan girang bergembira dalam-Mu;
aku akan menyanyikan pujian untuk
nama-Mu,
Ya Tuhan Maha Tinggi.

³ Apabila musuhku berpatah balik;
mereka akan jatuh dan musnah di
hadirat-Mu.

⁴ Kerana Engkau telah menegakkan hak dan
perjuanganku;
Engkau bertakhta, dan menghakimi dengan
adil.

⁵ Engkau telah memurkai bangsa-bangsa yang
tidak mengenal-Mu dan
membinasakan orang zalim;
Engkau telah menghapuskan nama mereka
selama-lamanya.

⁶ Musuh telah musnah dalam kehancuran
selama-lamanya,
Engkau telah membinasakan kota-kota;

sehingga luput daripada kenangan.

⁷ Namun Tuhan akan kekal selama-lamanya;
Dia telah menyediakan takhta-Nya untuk
penghakiman.

⁸ Dia akan menghakimi dunia dengan adil;
Dia akan menghakimi manusia dengan
saksama.

⁹ Tuhan tempat bernaung bagi orang yang
ditindas,
tempat perlindungan pada waktu kesusahan.

¹⁰ Dan mereka yang mengenal nama-Mu akan
percaya kepada-Mu,
kerana Engkau, ya Tuhan, tidak mengabaikan
sesiapa yang mencari-Mu.

¹¹ Nyanyikanlah pujian kepada Tuhan yang
bertakhta di Sion;
isyiharkan perbuatan-Nya kepada semua
bangsa.

¹² Dia mengingati mereka apabila Dia membalas
kekejaman orang yang menumpahkan
darah;
Dia tidak melupakan rintihan mereka yang
menderita.

¹³ Kasihanilah aku, ya Tuhan,
timbangkan penderitaanku di tangan orang
yang menganiayaku!
Engkau yang mengangkatku daripada
gerbang maut,

- 14 supaya aku dapat memuji-Mu di gerbang
Puteri Sion,
aku akan bergembira kerana Engkau
menyelamatkanku.
- 15 Bangsa-bangsa yang tidak mengenal-Mu
telah jatuh ke dalam lubang yang digali
mereka sendiri;
kaki mereka terjerumus di dalam jerat yang
dipasang sendiri.
- 16 Tuhan dikenali kerana keadilan-Nya;
orang zalim terjerat dalam perangkap buatan
sendiri. **Higayon.^w Sela**
- 17 Orang zalim akan musnah selama-lamanya,
begitu juga bangsa-bangsa yang melupakan
Allah.
- 18 Kerana orang sesak tidak akan terus
dilupakan,
harapan orang miskin tidak akan musnah
selama-lamanya.
- 19 Bangkitlah, ya Tuhan, jangan biarkan manusia
berleluasa;
biarlah bangsa-bangsa dihakimi di
hadirat-Mu.
- 20 Timbulkan ketakutan dalam hati mereka, ya
Tuhan,

^w9:16 Higayon: Kemungkinan tatatanda muzik.

supaya bangsa-bangsa itu sedar diri mereka hanyalah manusia. **Sela**

- 10** ¹ Mengapakah Engkau menjauhkan diri, ya Tuhan,
dan bersembunyi pada masa kesusahan?
- ² Orang zalim dalam keangkuhannya menindas orang miskin,
biarlah mereka terperangkap dalam jerat sendiri.
- ³ Orang zalim berbangga dengan keinginan hatinya;
memberkati orang tamak dan mencerca Tuhan.
- ⁴ Orang zalim berwajah pongah tidak mendekati Allah;
Dalam seluruh fikirannya, "Tidak ada Allah."
- ⁵ Usahnya sentiasa berjaya;
dia angkuh dan penghakiman-Mu jauh daripada matanya;
dan dia mencemuh semua musuhnya.
- ⁶ Dia berkata dalam hatinya, "Aku tidak akan digugat;
aku tidak akan ditimpa penderitaan."
- ⁷ Mulutnya penuh sumpah seranah, dusta dan aniaya;

di bawah lidahnya bersemadi kesusahan dan kejahatan.

⁸ Dia menghendap di ceruk-ceruk rahsia di kampung;

dan membunuh orang yang tidak bersalah, matanya mengintip mangsa yang tidak berdaya.

⁹ Dia menanti mangsa dalam senyap seperti singa;

dia menunggu untuk menangkap orang tidak berdaya;

lalu meragut mereka ke dalam jaringnya.

¹⁰ Dia menjongkok dan meniarap;

lalu orang yang tidak berdaya tewas oleh kekuatannya.

¹¹ Dia berkata dalam hatinya, “Allah sudah lupa dan menyembunyikan wajah-Nya; Allah tidak akan melihat.”

¹² Bangkitlah, ya Tuhan!

Ya Allah, angkatlah tangan-Mu.

Jangan lupakan orang yang daif.

¹³ Mengapakah orang zalim mencerca Allah?

Mengapakah dia berkata dalam hatinya,

“Allah tidak akan menyoal dan menghukum”?

¹⁴ Tetapi Engkau, ya Allah, memang memerhati kesusahan dan kesedihan;

untuk menghukum dengan tangan-Mu.

Orang tidak berdaya berserah kepada-Mu;

Engkaulah Penolong anak yatim.^x

¹⁵ Patahkanlah kekuasaan orang zalim;
hukumilah dia sehingga hapus kejahatannya.

¹⁶ Tuhan ialah Raja selama-lamanya;
bangsa-bangsa yang tidak mengenal-Nya
akan lenyap dari tanah-Nya.

¹⁷ Ya Tuhan, Engkau telah mendengar hasrat
orang daif;

Engkau akan menetapkan hati mereka,
Engkau akan mendengar keluhan mereka,

¹⁸ untuk berlaku adil kepada anak yatim dan
orang yang ditindas,
supaya tiada sesiapa di bumi akan
menimbulkan ketakutan lagi.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

11 ¹ Kepada Tuhan aku bernaung.
Betapa kamu boleh berkata kepadaku:
“Terbanglah seperti burung ke gunungmu.

² Lihat! Orang zalim melengkung busur;
dan memasang anak panah dalam senyap
untuk memanah orang yang tulus hati.

³ Jika asas dimusnahkan,

^x**10:14** Atau: Engkau menolong orang yang tiada tempat bergantung. Biasanya, istilah, ‘anak yatim’ melambangkan orang yang tertindas, miskin dan tidak berdaya.

apakah yang dapat dilakukan oleh orang yang benar?”

⁴ Tuhan di dalam rumah-Nya yang suci; takhta-Nya di syurga.

Dia memerhatikan;
dan menguji anak-anak manusia.

⁵ Tuhan menguji orang yang benar, tetapi membenci orang durjana dan orang yang mencintai keganasan.

⁶ Dia akan menghujani orang zalim dengan arang menyala;
api dan belerang serta angin yang membakar akan menimpa mereka sebagai hukuman.

⁷ Tuhan adalah benar,
Dia mencintai keadilan;
wajah-Nya menghadap kepada orang yang tulus.

Untuk pemimpin muzik.

Menurut kecapi bertali lapan. Mazmur Daud.

12 ¹ Tolonglah, ya Tuhan, kerana tiada lagi orang yang warak;
orang setia telah lenyap daripada kalangan anak manusia.

² Mereka berkata sama sendiri tanpa keikhlasan,
dengan pujian manis di bibir sedangkan hati bercabang.

- ³ Semoga Tuhan memotong bibir yang memuji palsu
dan lidah yang bertutur angkuh
- ⁴ yang berkata, “Kami akan berkuasa dengan lidah kami;
bibir kami kepunyaan kami – siapa yang berkuasa^y atas kami?”
- ⁵ “Kerana orang miskin ditindas dan kerana orang sesak merintih,
Aku akan bangkit sekarang,” firman Tuhan.
“Aku akan memberi mereka kesejahteraan yang diinginkan.”
- ⁶ Firman Tuhan adalah murni,
seperti perak yang teruji di dalam relau tanah, dimurnikan tujuh kali.
- ⁷ Engkau akan memelihara mereka, ya Tuhan, dan melindungi mereka daripada orang zaman ini selama-lamanya.
- ⁸ Orang zalim merayau angkuh merata-rata ketika kekejian disanjung dalam kalangan anak manusia.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

13 ¹ Berapa lamakah, ya Tuhan, akan Kaulupakan aku selama-lamanya?

^y12:4 Atau: Siapa tuan kami.

- Berapa lamakah Engkau akan
menyembunyikan wajah-Mu daripadaku?
- ² Berapa lamakah aku akan bergelut dengan
fikiranku sendiri
sedangkan hatiku duka setiap hari?
Berapa lamakah musuhku akan mengatasiku?
- ³ Ya Tuhan, ya Allahku, pandanglah aku dan
dengarlah doaku.
Pulihkan sinar mataku, agar aku tidak lelap
dalam maut;
- ⁴ agar musuhku tidak berkata, “Aku telah
berjaya menewaskannya,”
dan musuhku bergembira dengan
kejatuhanku.
- ⁵ Tetapi aku yakin akan kasih setia-Mu;
aku bersukacita dalam penyelamatan-Mu.
- ⁶ Aku akan menyanyi memuji Tuhan,
kerana limpah rahmat-Nya kepadaku.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

14 ¹ Orang bodoh berkata dalam hatinya,
“Tidak ada Allah.”

Mereka rosak akhlak, mereka melakukan
perbuatan keji;
tiada yang berbuat baik.

² Tuhan memandang dari syurga kepada
anak-anak manusia
untuk melihat kalau ada yang mengerti,
yang mencari Allah.

³ Semuanya telah berpaling,
bersama-sama rosak akhlak;
tiada yang berbuat baik,
tidak ada, tiada seorang pun.

⁴ Tidakkah orang yang melakukan kejahatan ini
tahu –
mereka merampas hak umat-Ku
dan tidak berseru kepada Tuhan?

⁵ Sekarang mereka akan ditimpa ketakutan
yang besar,
kerana Allah ada bersama orang yang benar.

⁶ Kamu menghalang rancangan orang miskin,
tetapi Tuhan melindungi mereka.

⁷ Semoga penyelamatan Israel datang dari Sion!
Apabila Tuhan memulihkan keadaan
umat-Nya,
bergembiralah Yakub dan bersukacitalah
Israel!

Mazmur Daud.

15 ¹ Ya Tuhan, siapakah yang boleh tinggal di
khemah suci-Mu?

Siapakah yang boleh duduk di bukit suci-Mu?

² Orang yang hidup tulus dan mengamalkan kebenaran serta berkata benar dalam hatinya,
³ orang yang lidahnya tidak memfitnah, dan tidak berbuat jahat kepada orang lain juga tidak mencela temannya,
⁴ orang yang membenci mereka yang berkelakuan keji dan menghormati mereka yang takut akan Tuhan,
orang yang tidak berganjak daripada sumpahnya meski memudaratkan dirinya,
⁵ orang yang tidak mengambil bunga daripada pinjaman wangnya dan tidak makan suap untuk menghukum mereka yang tidak bersalah.
Orang yang melakukan semua ini tidak akan goyah.

Doa Daud.

16 ¹ Peliharakan aku, ya Allah, aku bernaung kepada-Mu.
² Wahai rohku, kau telah berkata kepada Tuhan, “Engkaulah Tuhanku; tiada kebaikan bagiku selain Engkau.”
³ Dan orang salih di bumi ini, merekalah manusia terpuji yang membuatku sukacita.
⁴ Orang yang menyembah tuhan lain

- akan berganda deritanya.
Aku tidak akan menerima persembahan
 minuman korban darah daripada mereka
 dan tidak akan menyebut nama mereka.
- ⁵ Ya Tuhan, Engkaulah warisan dan cawanku;
 Engkau memberiku rezeki untuk hidup.
- ⁶ Garis ukur terjatuh bagiku di tempat yang
 indah;
 sesungguhnya, warisan pusakaku sungguh
 baik.
- ⁷ Aku memuji Tuhan yang telah membimbingku;
 sesungguhnya pada waktu malam suara
 hatiku juga mengajarku.
- ⁸ Aku sentiasa menurut panduan Tuhan.
 Dia ada di sisi kananku,
 aku tidak akan goyah.
- ⁹ Maka hatiku bersukacita, dan lidahku
 bergembira;
 jasadku juga akan tenteram dalam harapan,
- ¹⁰ kerana Engkau tidak akan meninggalkan
 rohku di alam maut,
 dan Engkau tidak akan membiarkan Orang
 Suci-Mu reput.
- ¹¹ Engkau akan menunjukkan aku jalan hidup;
 di hadirat-Mu sepenuh bahagia dirasai,

di tangan kanan-Mu nikmat dikecapi
selama-lamanya.

Doa Daud.

- 17** ¹ Dengarlah rayuanku memohon keadilan,
ya Tuhan;
dengarlah rintihanku.
Dengarlah doaku yang bukan daripada bibir
dusta,
- ² Pertahankanlah kebenaranku dari hadirat-Mu;
Semoga mata-Mu melihat apa yang benar.
- ³ Engkau telah menguji hatiku
dan menelitiku pada waktu malam,
Engkau telah mendugaku dan tidak menemui
kecelaan;
aku telah berazam memelihara lidahku
daripada dosa.
- ⁴ Perihal perbuatan manusia –
menurut kata-kata yang Engkau ucapkan
aku taat akan perintah-Mu;
aku menjauhi segala jalan orang yang ganas.
- ⁵ Langkahku tetap di jalan-Mu;
dan kakiku tidak tergelincir.
- ⁶ Aku menyeru-Mu kerana Engkau akan
mendengarku, ya Allah;
dengarlah, dengarlah kata-kataku ini.
- ⁷ Tunjukkan kasih-Mu yang agung,

dengan tangan kanan-Mu yang menyelamatkan
semua yang bernaung kepada-Mu
daripada mereka yang cuba meruntuhkan.

⁸ Peliharakanlah aku sebagai kesayangan-Mu;
lindungi aku di bawah naungan-Mu

⁹ daripada orang zalim yang menyerangku,
daripada musuh pemusnah yang
mengepungku.

¹⁰ Mereka telah menutup hati daripada
kebaikan,
mereka menuturkan kata-kata angkuh.

¹¹ Sekarang mereka mengepungku pada setiap
langkah,
mereka merenung sambil menjongkok di
bumi.

¹² Seperti singa yang ingin mengoyak-ngoyak
mangsa,
seperti singa muda mengendap di tempat
rahsia.

¹³ Bangkitlah, ya Tuhan, hadapi dan
tumbangkan musuhku;
selamatkan nyawaku daripada orang zalim
dengan pedang-Mu.

¹⁴ Dengan tangan-Mu, selamatkan aku daripada
manusia sebegitu, ya Tuhan,
daripada manusia duniawi yang mengumpul
harta dalam hidup ini.

Kaukenyangkan perut mereka yang Kaupelihara;

anak-anak mereka cukup puas,
dan mereka meninggalkan pusaka kepada
zuriat.

¹⁵ Tetapi dalam perbenaran^z aku akan melihat
wajah-Mu;

aku akan bahagia sepenuhnya apabila terjaga
di hadirat-Mu.

**Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud, hamba
Tuhan. Dia telah menuturkan kata-kata dalam
lagu ini kepada Tuhan pada hari Tuhan
menyelamatkannya daripada semua
musuhnya dan daripada Saul. Kata Daud:**

18 ¹ Aku mengasihi-Mu, ya Tuhan, Engkaulah
kekuatanku.

² Tuhan ialah batu penjalku, kubuku dan
penyelamatku;

Allahku batu penjalku, kepada-Nya aku
berlindung.

Dialah perisaiku, tanduk penyelamatanku,
benteng pertahananku.

³ Aku berseru kepada Tuhan yang patut dipuji,
maka aku pun diselamatkan daripada
musuhku.

⁴ Seksa maut telah mengepungku;

^z**17:15** Perkataan, “perbenaran” merujuk kepada sifat yang benar, adil, tulus dan tidak bersalah. Oleh sebab Pemazmur itu tidak bersalah, dia akan melihat Tuhan. Lihat Kamus Alkitab bagi keterangan makna perkataan ini.

- curahan banjir kebinasaan mengerikanku.
- ⁵ Seksa alam kubur melilit aku,
rahang jerat maut mendesak aku.
- ⁶ Dalam kesesakanku aku berseru kepada
Tuhan;
Aku meraung kepada Allahku.
Dia mendengar suaraku dari Bait Suci-Nya;
raunganku sampai kepada pendengarannya.
- ⁷ Maka bumi pun gempa dan gementar,
tapak bukit-bukau bergegar dan bergoncang;
kerana Dia murka.
- ⁸ Asap naik dari hidung-Nya,
dan api daripada mulut-Nya menghanguskan,
dan bara menyala keluar daripada-Nya.
- ⁹ Dia menekuk langit lalu turun,
kelam pekat ada di bawah kaki-Nya.
- ¹⁰ Dia terbang mengenderai malaikat kerubin;
Dia melayang di sayap angin.
- ¹¹ Dia menjadikan kegelapan di langit di
sekeliling-Nya:
diselubungi timbunan air kelam dan awan
tebal di udara.
- ¹² Daripada cahaya di hadapan-Nya awan tebal
berlalu,
dengan hujan batu dan arang yang menyala.
- ¹³ Tuhan mengguntur dari langit;
Yang Maha Tinggi memperdengarkan panah
suara-Nya.

- 14 Dia melepaskan anak-anak panah-Nya
sehingga musuh bertempiran,
Dia memancarkan kilat sabung-menyabung
lalu menumpaskan mereka.
- 15 Maka saluran di dasar lautan terserlah
dan asas bumi terdedah akibat kemurkaan-
Mu, ya Tuhan,
dan hembusan hebat nafas-Mu.
- 16 Dia menghulurkan tangan-Nya dari langit,
Dia menarikku keluar daripada pelbagai
bencana yang menenggelamkan.
- 17 Dia menyelamatkanku daripada musuhku
yang kuat,
daripada mereka yang membenciku, kerana
mereka terlalu perkasa bagiku.
- 18 Mereka menyerangku ketika aku dalam
kesusahan,
tetapi Tuhan menolongku.
- 19 Dia membawaku ke tempat yang luas;
Dia menyelamatkanku kerana Dia berkenan
kepadaku.
- 20 Tuhan memberiku ganjaran kerana aku
melakukan yang benar;
Dia menggantikan deritaku dengan rahmat
kerana tanganku bersih daripada dosa.
- 21 Kerana aku telah mengikut jalan Tuhan;
dan tidak menyeleweng daripada Allahku
dengan melakukan kejahatan.

- 22 Segala hukum-Nya ada di hadapanku sebagai panduan;
dan aku tidak mengetepikan ketetapan-Nya.
- 23 Di hadirat-Nya aku tidak bercela
dan aku mengatasi kejahatan dalam diriku.
- 24 Maka Tuhan memberiku ganjaran kerana aku melakukan yang benar,
kerana Dia tahu tanganku bersih daripada dosa.
- 25 Kepada orang yang berbelas kasihan, Engkau memperlihatkan belas kasihan-Mu,
kepada orang yang tidak bercela, Engkau memperlihatkan diri-Mu tidak bercela,
- 26 kepada orang yang suci Engkau memperlihatkan kesucian-Mu,
kepada orang yang menipu Engkau memperlihatkan kearifan-Mu.
- 27 Engkau menyelamatkan orang yang rendah diri
tetapi akan menundukkan orang yang angkuh.
- 28 Engkau, ya Tuhan, akan menyalakan lampuku;
Tuhan, Allahku akan menerangi kegelapanku.
- 29 Dengan kekuatan daripada-Mu aku dapat melawan musuh yang ramai;
dengan kekuatan daripada Allahku aku dapat melompati tembok.

- ³⁰ Jalan Allah itu sempurna;
firman Tuhan terbukti benar.
Dialah perisai pelindung semua yang bernaung
kepada-Nya.
- ³¹ Tiada Allah melainkan Tuhan,
tiada Batu Pejal melainkan Allah kita.
- ³² Allah yang memberiku kekuatan berjuang
dan menjadikan jalan hidupku sempurna.
- ³³ Dia menguatkan kakiku seperti kaki rusa;
dan memantapkan jejakku di pergunungan.
- ³⁴ Dia melatih tanganku berperang;
berupaya melengkungkan busur gangsa.
- ³⁵ Engkau telah memberiku perisai
penyelamatan-Mu,
tangan kanan-Mu telah memberiku
kekuatan;
kelunakan-Mu menjadikan aku besar.
- ³⁶ Engkau meluaskan jalan yang kutempuh,
supaya kakiku tidak tergelincir.
- ³⁷ Aku telah memburu musuhku dan berdepan
dengan mereka;
aku tidak berpatah balik hingga kuhapuskan
mereka.
- ³⁸ Aku telah melukakan mereka sehingga
mereka tidak berdaya bangkit lagi;
mereka telah rebah di bawah kakiku.

- 39 Kerana Engkau telah memberiku kekuatan berperang;
Engkau telah menundukkan di bawahku mereka yang bangkit menyerangku dahulu.
- 40 Engkau telah menyerahkan nyawa musuhku ke tanganku,
supaya aku membinasakan mereka yang membenciku.
- 41 Mereka berteriak, tetapi tiada siapa menyelamatkan mereka –
malah mereka merayu kepada Tuhan, tetapi Dia tidak menyahut mereka.
- 42 Lalu aku menghancurkan mereka seperti debu ditiup angin;
aku menghancurkan mereka seperti sampah-sarap di jalan.
- 43 Engkau telah menyelamatkan aku daripada serangan;
Engkau menjadikan aku pemerintah bangsa asing;
bangsa yang tidak kukenali akan tunduk kepadaku.
- 44 Sebaik-baik mereka mendengar tentangku, mereka taat kepadaku;
orang asing itu tunduk kepadaku.
- 45 Mereka menjadi putus asa;

dan datang dengan ketakutan dari tempat
persembunyian.

⁴⁶ Tuhan hidup selama-lamanya! Segala puji
bagi Tuhan, Batu Pejalku!

Segala kemuliaan bagi Allah, Penyelamatku!

⁴⁷ Allah yang membalas kejahatan orang
terhadapku,

dan menundukkan bangsa asing di bawahku,

⁴⁸ Dia menyelamatkanku daripada musuhku.

Engkau, ya Tuhan, mengangkatku mengatasi
mereka yang bangkit menyerangku;

Engkau telah menyelamatkanku daripada
manusia yang ganas.

⁴⁹ Maka itu aku akan mengucap syukur
kepada-Mu, ya Tuhan, dalam kalangan
bangsa asing;

dan menyanyi memuji nama-Mu.

⁵⁰ Tuhan telah memberi penyelamatan besar
kepada orang yang dijadikan-Nya raja;

Dia melimpahkan kasih setia kepada orang
yang diurapi-Nya,

kepada Daud, sampai anak cucu selama-
lamanya.

Untuk pemimpin muzik.**Mazmur Daud.**

- 19** ¹ Seluruh langit mengakui kemuliaan Allah;
dan cakerawala menunjukkan ciptaan-Nya.
- ² Hari menyebutkan kepada hari;
malam memberitahu kepada malam.
- ³ Tiada pertuturan atau bahasa
yang tidak mendengar suara mereka.
- ⁴ Khabar mereka telah sampai ke serata bumi,
dan kata-kata mereka ke hujung dunia.
Tuhan telah mendirikan khemah di langit untuk
matahari,
- ⁵ yang seperti pengantin lelaki keluar dari
astaka biliknya,
seperti lelaki gagah ghairah berlumba.
- ⁶ Matahari terbit lalu beredar dari satu hujung
ke satu hujung langit;
tiada yang terlindung daripada panasnya.
- ⁷ Taurat Tuhan sempurna, mengubah jiwa.
Peraturan Tuhan pasti,
memberi kebijaksanaan kepada orang yang
tulus.
- ⁸ Ajaran-ajaran Tuhan benar, menggembirakan
hati.

Perintah Tuhan suci, memberi pengertian.

⁹ Takut akan Tuhan itu murni,
kekal selama-lamanya.

Penghakiman Tuhan adil dan benar
sepenuhnya.

¹⁰ Segalanya lebih berharga daripada emas,
ya, daripada emas tulen;
dan lebih manis daripada madu,
madu daripada sarangnya.

¹¹ Dengannya hamba-Mu diingatkan;
dan sesiapa mematuhinya mendapat
ganjaran besar.

¹² Siapakah yang dapat memahami kesalahan
sendiri?
Bersihkan aku daripada kecelaan
tersembunyi.

¹³ Jauhkan juga hamba-Mu daripada dosa yang
sengaja;
jangan sampai aku dikuasainya.

Supaya aku bebas daripada kesalahan,
bersih daripada keingkaran yang berat.

¹⁴ Semoga segala yang kututurkan dengan lidah
dan kurenungkan dalam hati diterima
oleh-Mu,
Ya Tuhan, Batu Pejalku dan Penebusku.

Untuk pemimpin muzik.**Mazmur Daud.**

- 20** ¹ Semoga Tuhan mengabulkan doamu
pada waktu kesusahan;
semoga nama Allah Yakub melindungimu.
- ² Semoga Dia menghantar pertolongan
kepadamu dari rumah suci-Nya
dan memberimu kekuatan dari Sion.
- ³ Semoga Dia ingat akan segala
persembahanmu
dan menerima korban bakaranmu. **Sela**
- ⁴ Semoga Dia memenuhi hasrat hatimu dan
menjadikan semua rancanganmu berhasil.
- ⁵ Kami akan bersukacita dengan
penyelamatanmu
dan mengibarkan bendera merayakannya
dengan nama Allah kita.
Semoga Tuhan mengabulkan segala rayuanmu.
- ⁶ Kini aku tahu Tuhan menyelamatkan orang
yang dipilih-Nya;
Dia akan mengabulkan doanya dari
syurga-Nya yang suci
dengan tangan kanan-Nya yang
menyelamatkan.
- ⁷ Ada orang yang meletakkan kepercayaan pada
pedati atau kuda,

tetapi kita semata-mata mengingati nama
Tuhan, Allah kita.

⁸ Mereka telah tunduk dan rebah,
tetapi kita telah bangkit dan tegak berdiri.

⁹ Selamatkanlah raja, ya Tuhan!
Semoga Engkau menyahut apabila kami
berseru!

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

21 ¹ Raja akan bersukacita dengan
kekuatan-Mu, ya Tuhan.

Dan dengan penyelamatan-Mu betapa
gembiranya dia!

² Engkau telah memberinya hasrat hatinya
dan tidak menolak permohonan yang
disuarakannya. **Sela**

³ Engkau melimpahinya dengan berkat
kebaikan;

Engkau memakaikannya mahkota emas
tulen.

⁴ Dia memohon hidup daripada-Mu, lalu
Kaukurniakan –
panjang umur untuk selama-lamanya.

⁵ Penyelamatan-Mu memberinya kemuliaan
yang besar;

Engkau mengurniainya kehormatan dan
kedaulatan.

- ⁶ Kerana Engkau telah menjadikannya paling diberkati selama-lamanya
Engkau membuatnya paling bahagia dengan kehadiran-Mu.
- ⁷ Kerana raja percaya penuh kepada Tuhan;
dengan kasih setia Yang Maha Tinggi dia tidak akan dapat digugat.
- ⁸ Tangan-Mu akan memberkas semua musuh-Mu;
kekuasaan-Mu akan dapat mencari mereka yang membenci-Mu.
- ⁹ Engkau akan membakar mereka dalam nyala api ketika Engkau murka.
Tuhan akan menyambar mereka dalam kemurkaan-Nya,
dan api itu akan memusnahkan mereka.
- ¹⁰ Segala zuriat mereka akan Kaulenyapkan dari bumi,
dan keturunan mereka daripada kalangan anak manusia.
- ¹¹ Kerana mereka telah berniat jahat terhadap-Mu,
mereka menyusun rancangan yang tidak dapat mereka laksanakan;
- ¹² Oleh itu, Engkau akan membuat mereka undur;
Engkau akan membidik muka mereka dengan anak panah-Mu.

¹³ Maha Tinggi Engkau,
Ya Tuhan, dalam kekuatan-Mu;
Kami akan menyanyi memuji kekuasaan-Mu.
**Untuk pemimpin muzik. Menurut
lagu “Rusa Subuh.” Mazmur Daud.**

22 ¹ Ya Allahku, ya Allahku, mengapa Engkau
meninggalkan aku?

Mengapa Engkau terlalu jauh untuk
menolongku,
dan untuk mendengar kata-kata rintihanku?

² Ya Allahku, aku meratap sepanjang siang,
tetapi Engkau tidak mendengar,
dan semalaman aku tidak berhenti merayu.

³ Tetapi Engkau suci;
bertakhta di atas puji-pujian umat Israel.

⁴ Nenek moyang kami percaya kepada-Mu;
mereka percaya dan Engkau menyelamatkan
mereka.

⁵ Mereka merayu kepada-Mu,
lalu mereka diselamatkan;
mereka percaya kepada-Mu, dan tidak
kecewa.

⁶ Tetapi aku makhluk melata, bukan manusia,
dikeji dan dihina orang.

⁷ Semua yang melihatku mentertawakanku;

22:1: Mat 27:46; Mrk 15:34.

22:7: Mat 27:39; Mrk 15:29; Luk 23:35.

mereka mencaciku, menggeleng kepala,
sambil berkata:

⁸ “Dia percaya kepada Tuhan;
biar Tuhan selamatkan dia.

Biar Tuhan lepaskan dia,
kerana Tuhan berkenan kepadanya.”

⁹ Tetapi Engkaulah yang mengeluarkan aku dari
rahim;

Engkau membuat aku percaya ketika masih
disusui ibuku.

¹⁰ Aku diserahkan kepada-Mu sejak lahir;
semenjak di rahim ibuku lagi Engkaulah
Allahku.

¹¹ Janganlah jauh daripadaku,
kerana kesusahan dekat denganku
dan tiada siapa yang menolong.

¹² Banyak lembu jantan mengelilingiku;
lembu jantan Basan yang kuat telah
mengepungku.

¹³ Mereka merenungku dengan mulut
ternganga seperti singa yang mengaum
ganas.

¹⁴ Aku dicurah keluar seperti air,
dan semua tulangku terseliuh daripada
sendinya.

Hatiku seperti lilin;

- dan telah cair dalam diriku.
- ¹⁵ Kekuatanku telah kering-kontang,
dan lidahku melekat ke langit-langitku;
Engkau telah membawaku ke debu maut.
- ¹⁶ Anjing-anjing telah mengelilingiku;
gerombolan orang durjana mengepungku,
mereka telah menembusi tangan dan kakiku.
- ¹⁷ Aku dapat membilang semua tulangku;
mereka membelalak merenungku.
- ¹⁸ Mereka membahagikan pakaianku antara
mereka
dan untuk itu mereka membuang undi.
- ¹⁹ Tetapi Engkau, ya Tuhan, janganlah jauh
daripadaku;
Ya Tuhan kekuatanku, segeralah datang
menolongku.
- ²⁰ Selamatkan aku daripada pedang,
dan nyawaku yang satu-satunya daripada
cengkaman anjing.
- ²¹ Selamatkan aku daripada mulut singa;
dan daripada tanduk lembu liar.
- ²² Aku akan mengisytiharkan nama-Mu kepada
saudara-saudaraku;
di tengah-tengah perhimpunan aku akan
memuji-Mu.

22:18: Mat 27:35; Mrk 15:24; Luk 23:34; Yoh 19:24.

22:22: Ibr 2:12.

23 Kamu yang takut akan Tuhan, pujilah Dia!
Semua kamu zuriat Yakub,
muliakan Tuhan!

Dan takutilah Dia, semua kamu anak cucu
Israel!

24 Kerana Dia tidak menghina atau menjijikkan
derita orang yang menderita;
dan Dia tidak menyembunyikan wajah-Nya
daripada dia.

Apabila dia berseru kepada-Nya,
Dia mendengar.

25 Pujian-pujian aku untuk-Mu kelak di
perhimpunan besar;
aku akan menunaikan sumpahku di hadapan
mereka yang takut akan Dia.

26 Orang miskin akan makan sehingga puas;
mereka yang mencari Tuhan akan
memuji-Nya –
semoga hatimu hidup selama-lamanya!

27 Setiap pelosok dunia akan ingat dan
berpaling kepada Tuhan,
dan semua kaum bangsa akan menyembah-Mu,
28 kerana kerajaan milik Tuhan
dan Dia memerintah segala bangsa.

29 Semua orang yang makmur di bumi akan
berjamu dan menyembah Tuhan;
semua yang turun ke debu akan tunduk
kepada-Nya –

termasuk yang tidak dapat memelihara nyawa sendiri.

³⁰ Orang kemudian akan melayani-Nya; perihal Tuhan akan disampaikan kepada keturunan akan datang.

³¹ Mereka akan datang mengisytiharkan perbuatan-Nya yang benar kepada bangsa yang akan lahir – bahawa Dia telah melakukan ini.

Mazmur Daud.

23 ¹ Tuhan ialah gembalaku, aku tidak akan kekurangan apa-apa pun.

² Dia membuat aku berbaring di padang rumput yang hijau,

Dia membimbingku ke tepian air tenang,

³ Dia memulihkan jiwaku.

Dia membimbingku ke jalan benar demi nama-Nya.

⁴ Ya, meski aku melangkah di lembah bayangan maut,

aku tidak akan takut kepada kejahatan,

kerana Engkau ada bersamaku;

gada dan tongkat-Mu menetapkan hatiku.

⁵ Engkau menyediakan hidangan untukku di hadapan musuhku.

Engkau mengurapi kepalaku;

cawanku melimpah.

⁶ Tentulah kebaikan dan kasih akan
mengiringiku seumur hidupku,
dan aku akan tinggal di dalam rumah Tuhan
selama-lamanya.

Mazmur Daud.

24 ¹ Bumi ini milik Tuhan dengan segala yang
di dalamnya,

dunia dan semua penghuninya;

² kerana Dia telah mengasaskannya di atas
lautan dan menegakkannya di atas
perairan.

³ Siapa yang boleh naik ke bukit Tuhan?
Siapa yang boleh berdiri di tempat suci-Nya?

⁴ Manusia yang bersih tangannya dan murni
hatinya,
yang tidak mempersembahkan jiwanya
kepada berhala atau sumpah palsu.

⁵ Dia akan diberkati Tuhan
dan menerima kebenaran daripada Allah
Penyelamatnya.

⁶ Inilah keturunan yang mencari Dia,
yang mencari wajah-Mu, ya Allah Yakub. **Sela**

⁷ Angkatlah kepalamu,
wahai pintu gerbang;
dan terangkatlah, kamu pintu yang kekal,

Raja kemuliaan akan berangkat masuk.

⁸ Siapakah Raja kemuliaan ini?

Tuhan yang gagah perkasa,

Tuhan yang perkasa dalam peperangan.

⁹ Angkatlah kepalamu,

wahai pintu gerbang;

angkatlah, kamu pintu yang kekal,

Raja kemuliaan akan berangkat masuk.

¹⁰ Siapakah Raja kemuliaan ini?

Tuhan alam semesta,

Dialah Raja kemuliaan. **Sela**

Mazmur Daud.

25 ¹ Kepada-Mu, ya Tuhan, kuserahkan
jiwaku;

² Ya Allahku, aku percaya kepada-Mu.

Janganlah biarkan aku malu,

janganlah biarkan musuhku menewaskan
diriku.

³ Sesungguhnya, janganlah biarkan sesiapa
yang menantikan-Mu

menanggung malu,

biarlah yang dimalukan itu mereka yang
berbuat khianat tanpa sebab.

⁴ Tunjukkanlah aku jalan-Mu, ya Tuhan,
ajarkanlah aku mengikut jalan-Mu;

⁵ bimbinglah aku kepada kebenaran-Mu dan
ajjarlah aku,

kerana Engkaulah Allah Penyelamatku,

- Engkau kunantikan sepanjang waktu.
- ⁶ Ingatilah, ya Tuhan,
belas kasihan-Mu yang lembut mesra,
kerana segalanya dari zaman dahulu.
- ⁷ Janganlah ingati dosaku di usia muda dan
keingkaranku;
ingatilah aku dengan kasih-Mu,
demi kebaikan-Mu, Ya Tuhan.
- ⁸ Tuhan baik dan tulus;
maka Dia mengajar orang berdosa jalan yang
benar.
- ⁹ Dia membimbing orang yang rendah hati
dalam keadilan
dan mengajar mereka jalan-Nya.
- ¹⁰ Semua jalan Tuhan adalah kasih dan
kebenaran
bagi mereka yang berpegang kepada
perjanjian dan peraturan-Nya.
- ¹¹ Demi nama-Mu, ya Tuhan
ampunkanlah kejahatanku, walaupun amat
besar.
- ¹² Siapakah manusia yang takut akan Tuhan?
Tuhan akan mengajarnya di jalan pilihan-Nya.
- ¹³ Orang itu akan hidup makmur,
dan zuriatnya akan mewarisi bumi ini.

- ¹⁴ Rahsia Tuhan ^aada pada mereka yang takut kepada-Nya; dan Dia akan menunjukkan mereka perjanjian-Nya.
- ¹⁵ Mataku sentiasa ke arah Tuhan, kerana Dia akan melepaskan kakiku daripada jerat.
- ¹⁶ Berpalinglah kepadaku, dan kasihanilah aku, kerana aku sepi dan sengsara.
- ¹⁷ Kesusahan hatiku telah bertambah; bawalah aku keluar daripada segala derita ini.
- ¹⁸ Lihatlah kesengsaraan dan keazabanku dan ampunkanlah segala dosaku.
- ¹⁹ Perhatikanlah segala musuhku yang amat ramai mereka membenciku dengan kebencian yang kejam!
- ²⁰ Peliharakanlah jiwaku, selamatkanlah aku; jangan biarkan aku malu, aku berlindung kepada-Mu.
- ²¹ Biar keikhlasan dan ketulusan memeliharaku, aku setia menanti-Mu.
- ²² Tebuslah Israel, ya Allah,

^a**25:14** Rahsia Tuhan juga terkandung maksud persahabatan Tuhan kerana hubungan rapat dengan-Nya.

daripada segala kesusahan mereka!

Mazmur Daud.

- 26** ¹ Tunjukkanlah kebenaranku, ya Tuhan,
kerana aku telah hidup dalam ketulusan;
dan aku percaya kepada Tuhan
maka aku tidak tergelincir.
- ² Periksalah aku, ya Tuhan, dan dugalah aku,
ujilah fikiran dan hatiku;
- ³ kerana aku melihat belas kasih-Mu,
dan aku telah hidup dalam kebenaran-Mu.
- ⁴ Aku tidak duduk bersama penyembah
berhala,
dan tidak menyertai orang munafik;
- ⁵ aku membenci perhimpunan orang yang
berbuat jahat
dan tidak akan duduk di sisi orang zalim.
- ⁶ Aku akan membasuh tanganku dalam
kesucian,
dengan demikian aku ke tempat menyembah-
Mu, Ya Tuhan,
- ⁷ supaya aku dapat mengisytiharkan dengan
suara kesyukuran
segala perbuatan-Mu yang menakjubkan.
- ⁸ Ya Tuhan, aku mencintai rumah-Mu,
dan tempat kemuliaan-Mu.
- ⁹ Janganlah himpunkan jiwaku dengan orang
berdosa,

dan hidupku dengan manusia penumpah darah,

¹⁰ yang merancang perbuatan zalim,
manakala tangan mereka penuh rasuah.

¹¹ Tetapi aku, aku akan terus hidup dalam kebaikan;

tebuslah aku dan kasihanilah aku.

¹² Kakiku berpijak di tempat mantap;
dalam perhimpunan aku akan memuji Tuhan.

Mazmur Daud.

27 ¹ Tuhan cahayaku dan penyelamatanku –
siapa perlu kutakuti?

Tuhan kekuatan hidupku –
siapa harus aku gentar?

² Apabila orang durjana menyerangku
untuk membaham dagingku,
semua musuh dan seteruku itu,
tersandung lalu rebah.

³ Kalaupun seangkatan tentera mengepungku,
hatiku tidak akan ngeri;
meski perang bangkit melandaku,
tentang ini aku tetap yakin.

⁴ Satu perkara yang kuingini daripada Tuhan,
akan kupohonkan:

semoga aku akan tinggal di dalam rumah Tuhan
seumur hidupku,
melihat keindahan Tuhan
dan merenung di dalam rumah suci-Nya.

- ⁵ Kerana pada waktu kesusahan
Dia akan menyembunyikan aku di
astaka-Nya;
di ruang rahsia khemah-Nya Dia akan
menyembunyikan aku.
Dia akan mengangkatku ke atas batu pejal.
- ⁶ Dan sekarang kepalaku diangkat tinggi di atas
musuh sekelilingku;
maka aku akan mempersembahkan korban
dengan sorak-sorai kegembiraan di
khemah-Nya;
aku akan menyanyi, ya, aku akan menyanyi
memuji Tuhan.
- ⁷ Dengarlah, ya Tuhan, apabila suaraku berseru;
dan kasihanilah aku, serta sahut seruanku.
- ⁸ Hatiku berkata tentang-Mu, "Carilah
wajah-Nya!"
Wajah-Mu, ya Tuhan, akan kucari.
- ⁹ Janganlah sembunyikan wajah-Mu
daripadaku,
jangan singkirkan hamba-Mu dengan murka;
Engkau telah menolongku.
Jangan pergi daripadaku, jangan tinggalkan aku,
Ya Allah Penyelamatku.
- ¹⁰ Apabila ibu bapaku berpaling daripadaku,
Tuhan akan memeliharaku.
- ¹¹ Ajarlah aku jalan-Mu, ya Tuhan,
dan bimbinglah aku ke jalan sejahtera

kerana aku diserang musuh.

¹² Jangan serahkan aku ke tangan seteruku,
kerana aku digugat saksi-saksi palsu,
dan orang yang ganas.

¹³ Tentulah aku putus asa melainkan aku
percaya:

bahawa aku akan melihat kebaikan Tuhan di
tanah orang yang hidup.^b

¹⁴ Nantikanlah Tuhan;
tabahkan dirimu, teguhkan hatimu.
Ya, nantikanlah Tuhan!

Mazmur Daud.

28 ¹ Kepada-Mu aku berseru,
Ya Tuhan, Batu Pejalku;

janganlah berdiam diri kepadaku.

Takut nanti, jika Engkau membisu kepadaku,
aku menjadi seperti mereka yang masuk ke
lubang yang dalam.

² Dengarlah suaraku merayu
apabila aku berseru kepada-Mu,
apabila aku mengangkat tangan
ke arah khemah suci-Mu.

³ Jangan singkirkan aku bersama orang zalim,
dan mereka yang melakukan kejahatan,

^b**27:13** Frasa ini juga diterjemahkan, 'di tempat kehidupan kekal.'

yang menuturkan kata-kata damai kepada
sesama manusia
tetapi kejahatan terpendam dalam hati
mereka.

⁴ Hukumlah mereka setimpal dengan perbuatan
mereka
sepadan dengan kedurjanaan usaha mereka;
hukumlah mereka setimpal dengan apa yang
dilakukan mereka;
berilah mereka hukuman yang wajar.

⁵ Kerana mereka tidak menghiraukan segala
perbuatan Tuhan
mahupun segala hasil kerja tangan-Nya,
Dia akan membinasakan mereka dan tidak akan
memulihkan mereka.

⁶ Segala puji bagi Tuhan,
kerana Dia telah mendengar suaraku merayu.

⁷ Tuhan kekuatan dan perisaiku;
hatiku percaya kepada-Nya, dan aku
ditolong-Nya.

Oleh itu, hatiku amat gembira
dan dengan nyanyianku aku akan
memuji-Nya.

⁸ Tuhan kekuatan mereka,
dan Dia tempat berlindung orang yang
diurapi-Nya.

⁹ Selamatkanlah umat-Mu dan berkatilah mereka yang menjadi milik-Mu; jadilah gembala pembimbing mereka dan teguhkan mereka selama-lamanya.

Mazmur Daud.

29 ¹ Pujilah Tuhan, hai kamu yang perkasa, pujilah kemuliaan dan kekuatan Tuhan.

² Pujilah kemuliaan nama Tuhan; sembahlah Tuhan dalam kegemilangan kesucian-Nya.

³ Suara Tuhan bergema di atas lautan; Allah kemuliaan mengguntur, Tuhan di atas segala lautan.

⁴ Suara Tuhan penuh kekuasaan; suara Tuhan penuh kedaulatan.

⁵ Suara Tuhan mematahkan pokok araz; ya, Tuhan menghancurkan pokok araz di Lebanon.

⁶ Dia membuat Lebanon melompat seperti anak lembu, dan Siryon seperti lembu muda liar.

⁷ Suara Tuhan membelah nyala api.

⁸ Suara Tuhan menggoncang gurun; Tuhan menggoncang Gurun Kadesh.

⁹ Suara Tuhan membuat rusa melahirkan anak dan menggugurkan daun segala hutan.

Maka di rumah suci-Nya setiap orang berkata,
“Muliakan Allah!”

¹⁰ Tuhan bertakhta di banjir besar;
dan memerintah sebagai Raja selama-
lamanya.

¹¹ Tuhan akan memberikan kekuatan kepada
umat-Nya;
Tuhan akan memberkati umat-Nya dengan
kesejahteraan.

Mazmur Daud. Nyanyian.

Untuk pentahbisan tempat beribadat.

30 ¹ Aku akan memuji-Mu, ya Tuhan,
kerana Engkau telah menyelamatkan aku
dan tidak membiarkan seteruku bergembira
menumpaskan aku.

² Ya Tuhan, ya Allahku, aku telah berseru
kepada-Mu lalu Engkau menyembuhkan
aku.

³ Ya Tuhan, Engkau telah membawa nyawaku
keluar dari kubur;
Engkau telah melanjutkan usiaku supaya aku
tidak masuk ke lubang maut.

⁴ Nyanyikanlah puji-pujian kepada Tuhan, wahai
umat-Nya yang warak;
dan bersyukurlah mengingati nama-Nya yang
suci.

⁵ Kerana kemurkaan-Nya cuma sebentar,

keredaan-Nya sepanjang kehidupan kekal;
tangisan mungkin berlangsung semalaman,
tetapi kegembiraan muncul sewaktu pagi.

⁶ Ketika aku berjaya aku berkata,
“Aku tidak akan goyah.”

⁷ Tuhan, dengan keredaan-Mu,
Engkau mengukuhkan gunungku;
dahulu ketika Engkau menyembunyikan
wajah-Mu,
aku berasa bimbang.

⁸ Aku telah berseru kepada-Mu, ya Tuhan;
dan kepada-Mu aku telah merayu:

⁹ “Apakah gunanya jika darahku tertumpah,
dan aku masuk ke kubur?

Adakah debu akan memuji-Mu?
dan mengisytiharkan kesetiaan-Mu?

¹⁰ Dengarlah, ya Tuhan, dan kasihanilah aku;
Ya Tuhan, tolonglah aku.”

¹¹ Engkau telah mengubah kesedihanku
menjadi tarian riang;
Engkau telah melucutkan kedukaanku dan
meliputiku dengan keriaan,

¹² supaya aku menyanyikan puji-pujian
untuk-Mu sepanjang masa.

Ya Tuhan, ya Allahku, aku akan bersyukur
kepada-Mu selama-lamanya.

Untuk pemimpin muzik.**Mazmur Daud.**

- 31** ¹ Kepada-Mu, ya Tuhan, aku berlindung;
jangan biarkan aku menanggung malu;
selamatkanlah aku kerana perbenaran-Mu.^c
- ² Condongkan telinga-Mu kepadaku,
selamatkanlah aku dengan segera;
jadilah batu pejal tempat aku berlindung,
kubu pertahanan untuk keselamatanku.
- ³ Kerana Engkaulah batu pejal dan kubuku;
oleh itu, demi nama-Mu, bimbing dan
pandulah aku.
- ⁴ Lepaskan aku daripada jerat yang dipasang
mereka untukku dalam rahsia,
kerana Engkaulah kekuatanku.
- ⁵ Ke dalam tangan-Mu kuserahkan rohku;
Engkau telah menebusku,
Ya Tuhan, Allah yang setia.
- ⁶ Aku membenci penyembah berhala yang tidak
berguna;
aku percaya kepada Tuhan.

^c**31:1** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak dan keadilan Tuhan.

- ⁷ Aku akan gembira dan bersukacita dengan kasih-Mu,
kerana Engkau melihat penderitaanku;
Engkau tahu segala kesusahan yang menimpaku.
- ⁸ Engkau tidak menyerahkan aku ke dalam cengkaman musuh;
Engkau telah menjejakkan kakiku di tempat yang lapang.
- ⁹ Kasihanilah aku, ya Tuhan,
kerana aku dalam kesusahan;
mataku kian musnah oleh kesedihan,
ya, seluruh jiwa ragaku.
- ¹⁰ Kerana hidupku habis dengan berduka
dan usiaku dengan mengeluh;
kekuatanku hilang akibat dosaku,
dan tulang-tulangku semakin rapuh.
- ¹¹ Aku dicemuh oleh segala musuhku,
tetapi lebih-lebih lagi oleh jiran tetanggaku;
aku dipandang jijik oleh kenalanku –
sesiapa melihatku di jalan lari daripadaku.
- ¹² Aku dilupakan seperti orang yang sudah mati,
luput dari ingatan;
aku seperti sebuah bekas yang pecah.
- ¹³ Aku mendengar ramai orang memfitnahku;
ketakutan mengepungku;
mereka sedang berpakat menentangku
mereka merancang untuk meragut nyawaku.

- ¹⁴ Namun aku tetap percaya kepada-Mu, ya Tuhan;
aku berkata, “Engkaulah Allahku.”
- ¹⁵ Usiaku berada dalam tangan-Mu;
selamatkanlah aku daripada segala musuhku
dan daripada mereka yang memburuku.
- ¹⁶ Limpahkan cahaya wajah-Mu ke atas
hamba-Mu; selamatkan aku demi kasih
setia-Mu.
- ¹⁷ Jangan biarkan aku malu, ya Tuhan,
kerana aku telah berseru kepada-Mu;
biarlah orang zalim ditimpa malu
biarlah mereka membisu dalam kubur.
- ¹⁸ Biar lidah mereka yang berdusta dikelukan,
lidah yang menuturkan kata-kata biadab
dengan sombong dan menghina terhadap
orang yang benar.
- ¹⁹ Betapa limpahnya kebaikan-Mu,
yang telah Kausediakan untuk mereka yang
takut kepada-Mu,
yang telah Kausiapkan di hadapan manusia
untuk mereka yang berlindung dalam-Mu.
- ²⁰ Engkau akan menyembunyikan mereka
dalam naungan hadirat-Mu daripada
pakatan jahat manusia;
Engkau akan menyembunyikan mereka
di tempat selamat daripada serangan lidah
manusia.

²¹ Segala puji bagi Tuhan,
kerana Dia telah menunjukkan aku kebaikan-
Nya yang menakjubkan ketika aku di kota
yang dikepung.

²² Kerana aku telah berkata dengan tidak sabar,
“Aku telah disingkirkan daripada pandangan-
Mu!”

Namun Engkau mendengar suaraku merayu
apabila aku berseru kepada-Mu.

²³ Kasihilah Tuhan, wahai umat-Nya yang
warak!

Kerana Tuhan memelihara orang yang setia,
dan membalas sepenuhnya orang yang
angkuh.

²⁴ Tabahkan dirimu, teguhkan hatimu,
semua kamu yang berharap kepada Tuhan.

Renungan Daud.

32 ¹ Diberkatilah orang yang diampuni
kemungkarannya,
dan yang dihapuskan dosa-dosanya.

² Diberkatilah orang yang dosanya tidak
diperhitungkan Tuhan
dan yang tiada penipuan dalam hatinya.

³ Ketika aku membisu,
tulang-tulangku kian uzur
akibat rintihanku sepanjang hari.

⁴ Kerana siang malam hukuman-Mu berat
menekanku;
tenagaku hilang bagaikan kemarau musim
panas. **Sela**

⁵ Lalu aku mengakui dosaku kepada-Mu
dan tidak menyembunyikan kejahatan
dosaku.

Kataku, “Aku akan mengakui keingkaranku
kepada Tuhan” –
maka Engkau mengampunkan dosaku. **Sela**

⁶ Oleh itu, setiap orang yang warak hendaklah
berdoa kepada-Mu
ketika Engkau masih dapat dicari;
apabila banjir besar melanda,
tentulah dia akan terselamat.

⁷ Engkau tempatku berlindung;
Engkau akan menaungiku daripada
kesusahan
Engkau akan memelihara aku dengan nyanyian
penyelamatan. **Sela**

⁸ Aku akan mendidik dan mengajarmu ke jalan
yang benar;
Aku akan membimbingmu dengan mata-Ku.

⁹ Janganlah berkelakuan seperti kuda atau
keldai, yang tidak berakal
dan perlu dipasangkan tali serta kekang supaya
menurut kata.

¹⁰ Orang zalim akan menanggung pelbagai penderitaan,
tetapi orang yang percaya kepada Tuhan akan dilimpahi kasih setia.

¹¹ Bersukacitalah dalam Tuhan dan bergembiralah, wahai orang yang benar; dan bersoraklah dengan girang, wahai semua orang yang tulus hati!

33 ¹ Bergembiralah tentang Tuhan, wahai orang yang benar; kerana pujian daripada orang tulus sungguh indah.

² Pujilah Tuhan dengan bermain kecapi; mainkan lagu untuk-Nya dengan alat bertali sepuluh.

³ Nyanyikan lagu baru untuk-Nya; mainkan dengan mahir sekali sambil bersorak ria.

⁴ Kerana firman Tuhan itu benar; dan semua kerja-Nya dilakukan dengan kesetiaan.

⁵ Tuhan mencintai perbenaran^d dan keadilan; bumi ini dipenuhi kasih setia-Nya.

⁶ Dengan firman Tuhan langit telah dicipta,

^d**33:5** Perbenaran: Lihat Kamus Alkitab bagi keterangan makna perkataan ini.

dan seluruh cakerawala dengan perintah-Nya.

- ⁷ Dia menghimpunkan air segala lautan;
Dia menyimpan khazanah lautan dalam perbendaharaan.
- ⁸ Takutilah Tuhan, hai seluruh bumi;
gerunlah kepada-Nya, hai semua penghuni dunia.
- ⁹ Kerana Dia berfirman, lalu segalanya terjadi;
Dia memberikan perintah, lalu segalanya teguh.
- ¹⁰ Tuhan mematahkan rancangan bangsa-bangsa;
Dia menjadikan niat mereka sia-sia.
- ¹¹ Rancangan Tuhan bertapak selama-lamanya,
niat hati-Nya bagi manusia zaman-berzaman.
- ¹² Diberkatilah bangsa yang Allah mereka ialah Tuhan,
mereka yang telah dipilih sebagai milik-Nya.
- ¹³ Tuhan memandangi dari syurga
Dia melihat semua anak manusia;
- ¹⁴ dari tempat bersemayam-Nya Dia
memandangi semua penghuni bumi –
- ¹⁵ Dia membentuk hati setiap orang,
Dia mempertimbangkan seluruh perbuatan mereka.
- ¹⁶ Tiada raja yang diselamatkan oleh tentera yang besar;

orang gagah perkasa tidak dapat
diselamatkan oleh kekuatan yang hebat.

¹⁷ Kuda yang diharapkan untuk menyelamatkan
pasti mengecewakan;

kekuatannya yang hebat tidak akan
menyelamatkan sesiapa.

¹⁸ Lihatlah, Tuhan menumpukan perhatian
kepada mereka yang takut kepada-Nya,
kepada mereka yang mengharapkan kasih
setia-Nya,

¹⁹ untuk menyelamatkan mereka daripada
maut,

dan membolehkan mereka hidup ketika
berlaku kebuluran.

²⁰ Jiwa kita berharap akan Tuhan;
Dialah penolong dan perisai kita.

²¹ Hati kita akan bergembira kerana Dia,
sebab kita percaya akan nama-Nya yang suci.

²² Limpahi kami dengan kasih setia-Mu, ya
Tuhan,

sebagaimana kami berharap kepada-Mu.

**Mazmur Daud. Ketika dia berpura-pura
gila di hadapan Abimelekh, yang
mengusirnya, lalu dia pergi.**

34 ¹ Aku akan memuji Tuhan setiap waktu;
puji-pujian untuk-Nya akan sentiasa di
bibirku.

- ² Jiwaku akan mengisytiharkan kebesaran Tuhan;
rakyat yang menderita akan mendengar dan bersukacita.
- ³ Pujilah kebesaran Tuhan bersamaku;
marilah kita memuliakan nama-Nya bersama-sama.
- ⁴ Aku telah berseru kepada Tuhan, dan Dia mendengar seruanku;
lalu Dia menyelamatkanku daripada semua yang kutakuti.
- ⁵ Orang yang dalam kesusahan bermohon kepada-Nya;
maka wajah mereka berseri-seri dan tidak menanggung malu.
- ⁶ Orang malang berseru merayu,
dan Tuhan mendengar rayuannya;
lalu menyelamatkannya daripada segala kesusahannya.
- ⁷ Para malaikat Tuhan berjaga sekeliling orang yang takut kepada-Nya,
dan menyelamatkan mereka.
- ⁸ Rasakan dan lihatlah kebaikan Tuhan;
diberkatilah orang yang berlindung kepada-Nya.
- ⁹ Takutilah Tuhan, wahai umat-Nya yang salih,

mereka yang takut kepada-Nya tidak
kekurangan apa-apa.

¹⁰ Anak-anak singa menjadi lemah dan lapar,
tetapi mereka yang berpaling kepada Tuhan
tidak akan kekurangan sesuatu yang baik.

¹¹ Marilah anak-anak, dengar kata-kataku;
aku akan mengajarmu takut akan Tuhan.

¹² Siapa yang sayangkan hidup
dan inginkan panjang umur,

¹³ jagalah lidahmu daripada kejahatan
dan bibirmu daripada kata-kata palsu.

¹⁴ Tinggalkan kejahatan dan lakukan kebaikan;
cari dan burulah kedamaian.

¹⁵ Kerana mata Tuhan tertuju kepada orang
yang benar

dan telinga-Nya mendengar rayuan mereka;

¹⁶ Tetapi wajah Tuhan menentang mereka yang
berbuat jahat,

sehingga ingatan tentang mereka luput dari
bumi.

¹⁷ Orang yang benar berseru merayu, dan
Tuhan mendengar;

lalu menyelamatkan mereka daripada segala
kesusahan mereka.

¹⁸ Tuhan merapati orang yang patah hati
dan menyelamatkan orang yang menyesal.

- ¹⁹ Orang yang benar banyak ditimpa penderitaan,
tetapi Tuhan menyelamatkannya daripada segala-galanya;
- ²⁰ Tuhan menjaga setiap tulangnya,
satu pun tidak patah.
- ²¹ Orang zalim akan dibunuh oleh kejahatan;
dan mereka yang membenci orang benar akan dihukum.
- ²² Tuhan menebus roh hamba-Nya;
tiada seorang pun yang berlindung kepada-Nya akan dihukum.

Mazmur Daud.

- 35** ¹ Sokonglah perjuanganku, ya Tuhan,
dengan orang yang memerangiku;
lawanlah mereka yang melawanku.
- ² Gunakan perisai dan baju zirah-Mu;
dan bangkitlah menolongku.
- ³ Hunuslah lembing dan hentikan mereka
daripada memburuku.
Katakan kepada jiwaku,
“Aku penyelamatanmu.”
- ⁴ Malukan dan cemarkan nama orang yang
hendak meragut nyawaku;

dan mereka yang merancang untuk
mencederakanku akan berundur dan
kelam-kabut.

⁵ Jadikan mereka seperti sekam ditiup angin,
dan perintahkan malaikat Tuhan menghalau
mereka;

⁶ jadikan jalan yang ditempuh mereka gelap
dan licin,
dan perintahkan malaikat Tuhan memburu
mereka.

⁷ Kerana tanpa sebab mereka memasang jerat
tersembunyi untukku
dan tanpa sebab mereka gali lubang untuk
meragut nyawaku,

⁸ biar kebinasaan menimpa mereka dengan
tiba-tiba –
dan jerat yang disembunyikan mereka itu
menjerat diri mereka sendiri,
biar mereka terjerumus lalu binasa.

⁹ Maka jiwaku akan bersukacita dengan
pertolongan Tuhan,
akan bergembira dengan penyelamatan-Nya.

¹⁰ Semua tulangku akan berkata,
“Tuhan, tiada siapa seperti-Mu,
yang menyelamatkan orang daif daripada orang
yang terlalu kuat bagi mereka,
ya, menyelamatkan orang miskin

dan sesak daripada orang yang merampas milik mereka.”

¹¹ Saksi-saksi yang berniat jahat menuduhku; menyoalku tentang perkara yang tidak kuketahui.

¹² Mereka membalas kebbaikanku dengan kejahatan sehingga jiwaku berduka.

¹³ Sedangkan ketika mereka sakit dahulu, aku telah berkabung; aku merendahkan diriku dengan berpuasa. Dan doaku sentiasa kembali ke hatiku.

¹⁴ Aku mundur-mandir seolah-olah mereka sahabat atau saudaraku.

Aku tunduk bersedih, bagaikan berkabung untuk ibu.

¹⁵ Namun demikian, apabila aku dalam kesusahan, mereka bergembira dan berhimpun; mereka berkumpul menyerangku sedangkan aku tidak tahu.

Mereka memfitnahku dengan ganas terus-menerus.

¹⁶ Bersama pencemuh mungkar yang mencemuh di majlis jamuan, mereka menggertakkan gigi terhadapku.

¹⁷ Ya Tuhan, berapa lamakah Engkau akan melihat sahaja?

Selamatkanlah aku daripada binasa di tangan mereka,
dan nyawaku yang satu-satunya daripada mulut singa.

¹⁸ Aku akan mengucapkan syukur kepada-Mu di perhimpunan besar;
aku akan memuji-Mu di hadapan khalayak ramai.

¹⁹ Jangan benarkan mereka yang memusuhiiku tanpa alasan bergembira kerana kekalahanku;

jangan benarkan mereka yang membenciku tanpa sebab berkenyitan riang.

²⁰ Mereka tidak bertutur untuk kesejahteraan, tetapi merancang kepalsuan dan penipuan terhadap orang yang hidup damai.

²¹ Mereka juga telah bersuara lantang menuduhku dengan berkata, "Aha, aha! Kami telah melihatnya dengan mata kami."

²² Ini telah Kaulihat, ya Tuhan; janganlah berdiam diri.

Ya Tuhan, janganlah jauh daripadaku.

²³ Bangkit dan pertahankanlah kebenaranku!
Sokong perjuanganku,
Ya Allahku dan ya Tuhanku.

- ²⁴ Ya Tuhan, ya Allahku, pertahankanlah aku menurut perbenaran-Mu;^e
dan jangan biarkan mereka bergembira kerana kekalahanku.
- ²⁵ Jangan biarkan mereka berkata dalam hati,
“Aha, inilah yang kita mahu!”
Jangan biarkan mereka berkata, “Kita telah menghapuskannya.”
- ²⁶ Malukan dan kelirukanlah mereka yang bergembira kerana penderitaanku;
aibkan dan cemarkan nama mereka yang mengangkat diri menentangku.
- ²⁷ Gembirakan hati sehingga bersorak girang mereka yang menyokong perjuanganku yang benar;
biar mereka berkata setiap waktu, “Muliakan Tuhan,
yang meredai kejayaan hamba-Nya.”
- ²⁸ Lidahku akan mengisytiharkan perbenaran-Mu serta memuji-Mu sepanjang hari.

^e**35:24** Rangkaian kata ‘Perbenaran-Mu’ yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, ‘tsedaqah’ merangkumi maksud kehendak dan keadilan Tuhan serta sifat-Nya yang benar dan baik.

**Untuk pemimpin muzik.
Mazmur Daud, hamba Tuhan.**

- 36** ¹ Satu nubuat dalam hatiku
tentang keingkaran orang zalim:
rasa takut terhadap Allah tiada di jiwanya.
- ² Kerana dia memuliakan dirinya dalam
pandangannya sehingga dia tidak tahu
keingkarannya dan berasa kebencian.
- ³ Kata-kata daripada mulutnya zalim dan dusta;
dia tidak lagi bijaksana dan berbuat baik.
- ⁴ Dia merancang kejahatan
di tempat tidurnya;
dia mengikut jalan
yang tidak baik,
dia tidak membenci kejahatan.
- ⁵ Kasih-Mu, ya Tuhan, menjangkau langit,
kesetiaan-Mu mencecah awan.
- ⁶ Perbenaran-Mu^f setinggi gunung,
penghakiman-Mu sedalam lautan.
Ya Tuhan, Engkau melindungi manusia dan
haiwan.
- ⁷ Betapa berharganya kasih setia-Mu, ya Allah!

^f**36:6** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak, kebaikan dan keadilan Tuhan.

Oleh itu, anak manusia berlindung di bawah bayangan sayap-Mu.

⁸ Mereka dijamu sehingga puas dari limpahan kurnia rumah-Mu; dan Kauberi mereka minum dari sungai nikmat-Mu.

⁹ Kerana pada-Mu pancuran hidup; dalam cahaya-Mu kami melihat cahaya.

¹⁰ Teruskanlah kasih-Mu kepada mereka yang mengenal-Mu, dan perbenaran-Mu kepada mereka yang tulus hati.

¹¹ Jangan biarkan kaki orang yang angkuh menerajanku, dan jangan biarkan tangan orang zalim mengusirku.

¹² Lihatlah, orang yang melakukan kejahatan telah jatuh – mereka telah digulingkan dan tidak berdaya bangkit lagi!

Mazmur Daud.

37 ¹ Jangan gusar kerana orang melakukan kejahatan

dan jangan iri hati kepada orang yang melakukan kedurjanaan;

² kerana tidak lama lagi mereka akan ditebas seperti rumput, dan layu seperti layunya tumbuhan hijau.

³ Percayalah kepada Tuhan, dan lakukan kebaikan;
tinggallah di tanah ini dan berpeganglah kepada kesetiaan-Nya.

⁴ Cari kebahagiaan daripada Tuhan, maka Dia akan menunaikan hasrat hatimu.

⁵ Serahkan jalan hidupmu kepada Tuhan; percayalah kepada-Nya maka Dia akan bertindak:

⁶ Dia akan menyatakan perbenaranmu^g seterang cahaya,
dan keadilanmu seterang matahari tengah hari.

⁷ Sandarkan hatimu kepada Tuhan dan sabarlah menanti tindakan-Nya;

jangan gusar kerana ada yang makmur mengikut jalan sendiri,
kerana ada yang menjayakan rancangan zalim.

⁸ Jangan marah, jangan meradang;
jangan gusar – segalanya cuma membawa mudarat.

⁹ Orang yang melakukan kejahatan akan dimusnahkan,
tetapi orang yang berharap kepada Tuhan akan mewarisi bumi.

¹⁰ Hanya seketika lagi, orang zalim akan lenyap;

^g**37:6** Perbenaran dalam bahasa Ibrani 'tsedaqah' merujuk kepada sifat yang benar, tulus dan adil. Lihat Kamus Alkitab bagi keterangan makna perkataan ini.

malah kamu akan mencari dengan teliti bekas tempatnya, tetapi hapus sama sekali.

¹¹ Orang yang rendah hati akan mewarisi bumi dan akan bersukacita dengan kesejahteraan yang melimpah-limpah.

¹² Orang zalim menyusun rancangan menentang orang yang benar dan menggertakkan gigi terhadapnya;

¹³ Tuhan mentertawakannya, kerana Tuhan tahu harinya akan tiba.

¹⁴ Orang zalim telah menghunus pedang dan melengkungkan busur mereka untuk menindas orang miskin dan sesak, serta membunuh orang yang hidup tulus.

¹⁵ Pedang mereka akan menembusi hati sendiri, dan busur mereka akan dipatahkan.

¹⁶ Sedikit yang dimiliki oleh seorang yang benar lebih baik daripada kekayaan besar orang zalim;

¹⁷ kerana lengan orang zalim akan dipatahkan, tetapi Tuhan akan menolong orang yang benar.

¹⁸ Tuhan mengetahui hidup orang yang tidak bercela, dan warisan mereka akan kekal selamanya.

¹⁹ Mereka tidak akan menanggung malu pada masa kesusahan; dan pada masa kebuluran bekalan makanan mereka akan mencukupi.

²⁰ Tetapi orang zalim akan binasa: dan semua musuh Tuhan seperti keindahan padang rumput, semuanya akan lenyap seperti asap.

²¹ Orang zalim meminjam lantas tidak membayar, tetapi orang yang benar menunjukkan belas kasihan lalu memberi;

²² orang yang diberkati Tuhan akan mewarisi bumi ini, tetapi mereka yang disumpah-Nya akan disinghiri.

²³ Langkah seorang yang baik diperintahkan oleh Tuhan,

dan Dia meredai jalan yang dilaluinya;

²⁴ walaupun orang itu tergelincir, dia tidak akan rebah,

kerana Tuhan menyokongnya dengan tangan-Nya.

²⁵ Dari usia muda hingga tua sekarang, tidak pernah kulihat orang benar diabaikan Tuhan

atau anak cucunya mengemis untuk makan.

- ²⁶ Mereka sentiasa pengasih dan membantu;^h
dan anak cucu mereka diberkati.
- ²⁷ Tinggalkanlah kejahatan, dan lakukan kebaikan;
lalu hiduplah selama-lamanya.
- ²⁸ Kerana Tuhan kasih akan keadilan dan tidak akan meninggalkan umat-Nya yang warak. Mereka dipelihara selama-lamanya, tetapi keturunan orang zalim akan disinghiri;
- ²⁹ Orang yang benar akan mewarisi tanah ini dan tinggal di sini selama-lamanya.
- ³⁰ Mulut orang yang benar menuturkan kebijaksanaan,
dan lidahnya bercakap tentang keadilan.
- ³¹ Hukum Allahnya bertapak dalam hatinya; kakinya tidak akan tergelincir.
- ³² Orang zalim memerhatikan orang yang benar;
dan cuba membunuhnya;
- ³³ Tuhan tidak akan membiarkan orang yang benar di tangan orang zalim dan tidak akan menghukum orang benar dalam penghakiman.
- ³⁴ Berharaplah kepada Tuhan dan ikuti jalan-Nya.

^h**37:26** Atau: Memberikan pinjaman.

Maka Dia akan mengangkatmu untuk mewarisi tanah ini;

apabila orang zalim disinghiri,
kamu akan melihatnya.

³⁵ Aku telah melihat orang zalim berkuasa besar dan meluaskan lagi kuasanya seperti dahan-dahan pokok yang subur,

³⁶ namun dia lenyap, tiba-tiba dia tiada lagi; aku mencarinya, tetapi dia tidak mungkin ditemui.

³⁷ Perhatikan orang yang tidak bercela, teliti orang yang tulus;

kerana masa hadapannya adalah kesejahteraan.

³⁸ Tetapi orang yang ingkar akan dibinasakan bersama-sama;

masa hadapan orang zalim akan dihapuskan.

³⁹ Penyelamatan orang yang benar adalah daripada Tuhan;

Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan.

⁴⁰ Tuhan akan menolong dan menyelamatkan mereka;

Dia akan menyelamatkan mereka daripada orang zalim dan memelihara mereka, kerana mereka berlindung kepada-Nya.

Mazmur rayuan Daud.

38 ¹ Ya Tuhan, jangan marahi aku dalam kemurkaan-Mu

jangan hukum aku dalam nyala keberangan-Mu.

² Kerana anak-anak panah-Mu menikamku
sungguh dalam,
dan tangan-Mu menekanku.

³ Seluruh tubuhku sakit kerana kemurkaan-Mu;
tulang-tulangku rapuh kerana dosaku.

⁴ Kejahatan yang kulakukan telah keterlaluan
seperti beban yang terlampau berat
untukku.

⁵ Luka-lukaku busuk bernanah kerana
kebodohanku.

⁶ Aku menderita, aku sungguh tertekan;
aku berduka sepanjang hari.

⁷ Kerana pinggangku penuh radang;
dan seluruh tubuhku sakit.

⁸ Aku daif dan remuk-redam;
aku merintih kerana hatiku rusuh.

⁹ Ya Tuhan, seluruh keinginanmu terdedah di
hadapan-Mu;

dan rintihanku tidak tersembunyi daripada-Mu.

¹⁰ Hatiku berdebar-debar, kekuatanku hilang;
malah matakku juga kehilangan cahaya.

¹¹ Orang yang kusayangi dan sahabat handaiku
takut mendekatiku kerana penyakit
hawarku;

dan saudara-maraku menjauhkan diri
daripadaku.

- ¹² Orang yang ingin membunuhku memasang
jerat untukku,
mereka yang hendak mencederakan aku
bercakap tentang kebinasaanku;
dan merancangkan penipuan sepanjang hari.
- ¹³ Tetapi aku, seperti orang tuli, tidak
mendengar,
aku seperti orang bisu yang tidak membuka
mulut;
- ¹⁴ Demikianlah aku seperti seorang yang tidak
mendengar,
dan tidak berkata apa-apa tentang segala yang
berlaku.
- ¹⁵ Kepada-Mu, ya Tuhan, aku berharap;
Engkau akan mendengar, ya Tuhan, Allahku.
- ¹⁶ Kerana aku berkata, “Dengarlah rayuanku,
supaya mereka tidak bergembira dengan
penderitaanku,
supaya apabila kakiku tergelincir, mereka
tidak mengangkat diri menentangku.”
- ¹⁷ Aku lemah mungkin rebah,
dan kesedihan sentiasa kurasakan.
- ¹⁸ Aku akan mengakui kejahatanku;
aku sedih terseksa kerana dosaku.
- ¹⁹ Tetapi musuhku bertenaga dan gagah;
dan mereka yang membenciku tanpa sebab
yang wajar telah berganda bilangannya.

- ²⁰ Mereka yang membalas kebaikan dengan kejahatan
menjadi seteruku kerana aku menegakkan
kebaikan.
- ²¹ Janganlah tinggalkan aku, ya Tuhan;
Ya Allahku, janganlah jauh daripadaku.
- ²² Segeralah tolong aku,
Ya Tuhan, Penyelamatku!

Untuk pemimpin muzik.

Untuk Yedutun. Mazmur Daud.

- 39** ¹ Aku telah berkata, “Aku akan menjaga langkahku
takut nanti aku berdosa dengan lidahku;
Aku akan mengekang mulutku
ketika orang zalim di hadapanku.”
- ² Aku senyap membisu,
kebaikan pun tidak kututurkan,
lalu kesedihanku berkecamuk.
- ³ Hatiku panas, ketika aku bermenung, apinya menyala;
lalu lidahku berkata:
- ⁴ “Ya Tuhan, tunjukkanlah aku bila ajalku
dan berapa lama aku akan hidup;
supaya aku tahu betapa fananya aku.
- ⁵ Sememangnya Engkau telah membuat hidupku begitu singkat;
dan usiaku bagaikan tiada bagi-Mu.

Sebenarnya manusia dalam keadaan terbaik pun hanyalah sehembus nafas. **Sela**

⁶ Sesungguhnya, setiap manusia melangkah seperti bayang-bayang:

Sesungguhnya, dia sibuk dengan sia-sia; dia menimbun harta, dan tidak tahu siapa mendapatnya nanti.

⁷ Sekarang, ya Tuhan, apa yang kunantikan? Harapanku tertumpu kepada-Mu.

⁸ Bebaskanlah aku daripada segala dosaku; jangan biarkan aku diejek oleh orang bodoh.

⁹ Aku membisu; aku tidak membuka mulutku, kerana Engkau yang melakukannya.

¹⁰ Sembuhkanlah penyakit yang Kautimpakan kepadaku; aku binasa di bawah hukuman-Mu.

¹¹ Apabila Engkau memurkai dan menghukum manusia kerana dosa mereka;

Engkau membuat kehebatannya lenyap seperti terbangnya rama-rama –

sesungguhnya setiap manusia itu hanya sehembus nafas. **Sela**

¹² “Dengarlah doaku, ya Tuhan, dengarlah rayuanku;

jangan berdiam diri melihat air mataku.

Kerana aku orang asing bagi-Mu,

menumpang untuk sementara, seperti nenek moyangku.

¹³ Alihkan renungan tajam-Mu daripadaku,
supaya tenagaku pulih
sebelum aku pergi dan tiada lagi.”

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

40 ¹ Aku menantikan Tuhan dengan sabar;
lalu Dia berpaling kepadaku dan
mendengar rayuanku.

² Dia mengeluarkanku daripada lubang yang
dahsyat,

daripada tanah liat berpaya;
dan meletakkan aku berpijak di atas bukit
batuan serta menetapkan langkahku.

³ Dia telah meletakkan nyanyian baru di bibirku,
puji-pujian kepada Allah kita.

Ramai yang akan melihat dan berasa takut
lalu percaya kepada Tuhan.

⁴ Diberkatilah orang yang menjadikan Tuhan
kepercayaannya,
dan tidak gentar terhadap orang angkuh serta
pendusta.

⁵ Sungguh banyak, ya Tuhan, Ya Allahku,
perbuatan menakjubkan yang telah
Kaulakukan.

Dan ingatan-Mu kepada kami tidak dapat
disebutkan satu persatu;

kalaulah aku cuba mengisytiharkannya,
banyaknya tidak terkira.

⁶ Korban dan persembahan tidak Kauingini,
tetapi Engkau telah membukakan telingaku;
persembahan dan korban bakaran penghapus
dosa tidak Kauredai.

⁷ Kemudian aku berkata, “Lihatlah, aku telah
datang –

dalam naskhah kitab ada tersurat tentangku.

⁸ Aku sukacita menjalankan kehendak-Mu, ya
Allahku;

dan hukum-Mu tertera dalam hatiku.”

⁹ Aku telah mengisytiharkan berita baik tentang
perbenaranⁱ di perhimpunan besar;
sesungguhnya aku tidak mengekang mulutku,
Ya Tuhan, Engkau sendiri mengetahui.

¹⁰ Aku tidak menyembunyikan perbenaran-Mu
dalam hatiku;

aku telah mengisytiharkan kesetiaan-Mu dan
penyelamatan-Mu.

Aku tidak merahsiakan kasih-Mu dan
kebenaran-Mu daripada perhimpunan
besar.

ⁱ**40:9** Perkataan ‘perbenaran’ merangkumi maksud tentang perbuatan Tuhan yang adil, benar, baik dan yang menyelamatkan.

40:6: Ibr 10:5-7.

- 11 Janganlah berhenti memberikan belas kasihan-Mu, ya Tuhan; peliharakanlah aku sentiasa dengan kasih-Mu dan kebenaran-Mu.
- 12 Kerana terlalu banyak kejahatan mengelilingiku; dosaku telah dapat memburuku, tidak terdaya aku mengangkat mata. Bilangannya melebihi rambut di kepalaku, maka hatiku tidak bermaya menghadapinya.
- 13 Ya Tuhan, berkenanlah untuk menyelamatkanaku; Ya Tuhan, segeralah tolong aku.
- 14 Biar mereka dimalukan dan dikelirukan, mereka yang ingin meragut nyawaku; biar mereka berundur dan menanggung aib mereka yang hendak memusnahkan aku.
- 15 Biar mereka berundur kerana malu, mereka yang mengejekku, "Aha! Aha!"
- 16 Biar semua yang mencari-Mu bergembira dan bersukacita kerana-Mu; dan biar mereka yang cinta akan penyelamatan-Mu berkata sentiasa, "Tuhan Maha Tinggi!"
- 17 Aku miskin dan sesak; tetapi Tuhan ingat kepadaku. Engkaulah penolong dan penyelamatku; janganlah berlengah-lengah, ya Allahku.

Untuk pemimpin muzik.**Mazmur Daud.**

- 41** ¹ Diberkatilah orang yang mengambil berat terhadap orang miskin; Tuhan akan menyelamatkannya pada waktu kesusahan.
- ² Tuhan akan memeliharanya dan melindungi nyawanya; dan dia akan diberkati di atas bumi; Engkau tidak akan menyerahkannya ke tangan musuhnya.
- ³ Tuhan akan memberinya kekuatan ketika dia terbaring sakit; Engkau akan memelihara dan memulihkannya.
- ⁴ Aku berkata, “Ya Tuhan, kasihanilah aku; pulihkan jiwaku, kerana aku telah berdosa terhadap-Mu.”
- ⁵ Musuhku menuturkan kata-kata yang buruk tentangku, “Bilakah dia akan mati dan namanya lenyap?”
- ⁶ Dan jika dia datang menziarahiku, dia berdusta, hatinya mengumpul kejahatan; dan apabila dia pergi, dia menyebarkannya.
- ⁷ Semua yang membenciku berbisik dan berpakat menentangku;

mereka merancang untuk mencederakan aku.

⁸ “Penyakit yang keji,” kata mereka, “telah menyimpannya; sekarang dia terlantar dan tidak akan bangun lagi.”

⁹ Sampaikan sahabat karibku yang kupercayai, yang makan bersama di rumahku, telah berpaling menentangku.

¹⁰ Tetapi Engkau, ya Tuhan, kasihanilah aku; dan pulihkan aku, supaya dapat kubalas perbuatan mereka.

¹¹ Dengan demikian tahulah aku bahawa Engkau berkenan kepadaku, apabila musuhku tidak Kaubiarkan mengalahkanku.

¹² Dan Engkau menegakkan aku dalam keikhlasanku dan meletakkan aku di hadirat-Mu selama-lamanya.

¹³ Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel, yang tiada permulaan dan tiada kesudahan selama-lamanya.

Amin, Amin.

Jilid II: 42 – 72

Untuk pemimpin muzik. Renungan puak Korah.

42 ¹ Seperti rusa merindui air sungai,
demikianlah jiwaku merindui-Mu, ya
Allah.

² Jiwaku dahaga akan Allah, Allah yang hidup.
Bilakah aku akan datang ke hadirat Allah?

³ Air mataku menjadi makananku siang malam,
manakala mereka terus-menerus berkata
kepadaku,
“Di manakah Allahmu?”

⁴ Apabila kukenang segala ini kucurah keluar
seluruh jiwaku:
kerana dahulu aku pergi bersama orang ramai,
ke Rumah Allah,
dengan sorak-sorai kegembiraan dan puji-
pujian bersama orang ramai menyambut
hari mulia.

⁵ Mengapa kau nestapa, wahai jiwaku?
Mengapa engkau resah gelisah?
Berharaplah kepada Allah,
kerana aku akan memuji-Nya, Penyelamatku.

⁶ Ya Allahku, jiwaku nestapa dalam diriku;
maka aku akan ingat kepada-Mu dari tanah
Yordan,

dan puncak Gunung Hermon – serta dari
Bukit Mizar.

⁷ Jiwaku bagai dipanggil-panggil ketika
mendengar deru air terjun-Mu;
segala ombak dan gelombang-Mu telah
menenggelamkan aku.

⁸ Tuhan akan melimpahkan kasih-Nya pada
siang hari,
dan pada waktu malam nyanyian-Nya akan
menemaniku – doa kepada Allah hidupku.

⁹ Aku akan berkata kepada Allah Batu Pejalku,
“Mengapa Engkau melupakan aku?
Mengapa aku bersedih, kerana ditindas
musuh?”

¹⁰ Seperti mematahkan tulang-tulangku,
musuhku mengejekku,
dengan berkata kepadaku sepanjang hari,
“Di manakah Allahmu?”

¹¹ Mengapa kau nestapa, wahai jiwaku?
Mengapa kau resah gelisah?
Berharaplah kepada Allah,
kerana aku akan memuji-Nya,
Penyelamatku dan Allahku.

43 ¹ Pertahankan kebenaranku, ya Allah,
dan sokong perjuanganku menentang
bangsa yang mungkar;
selamatkanlah aku daripada manusia yang
dusta dan zalim.

² Kerana Engkaulah Allah kekuatanku.

Mengapa Engkau menyingkiri aku?

Mengapa aku bersedih,
kerana ditindas musuhku?

³ Hantarlah cahaya-Mu dan kebenaran-Mu,
untuk membimbingku;

membawaku ke bukit suci-Mu,
dan ke khemah-Mu.

⁴ Maka aku akan pergi ke mazbah-Mu, ya Allah,
Allah sumber kebahagiaanku yang tidak
terhingga.

Dan sambil bermain kecapi aku akan
memuji-Mu,
ya Allah, ya Allahku.

⁵ Mengapa kau nestapa, wahai jiwaku?
Mengapa kau resah gelisah?

Berharaplah kepada Allah,
kerana aku akan memuji-Nya,
Penyelamatku dan Allahku.

Untuk pemimpin muzik. Renungan puak Korah.

44

¹ Kami telah mendengar dengan telinga
kami sendiri, ya Allah;

nenek moyang kami menceritakan kepada kami
perbuatan yang Kaulakukan pada zaman
mereka, zaman dahulukala.

² Engkau telah mengusir bangsa-bangsa asing
dengan tangan-Mu

lalu menempatkan umat-Mu di tanah ini;

Engkau menurunkan bala kepada bangsa-bangsa asing dan menyingkiri mereka.

³ Umat-Mu tidak menakluki tanah ini dengan pedang mereka,

dan tidak menyelamatkan diri dengan kekuatan mereka sendiri;

yang melakukannya ialah tangan kanan-Mu, kekuatan-Mu dan cahaya wajah-Mu, kerana Engkau meredai mereka.

⁴ Engkau Rajaku, ya Allahku, perintahkanlah kemenangan untuk Yakub.

⁵ Melalui Engkau kami akan menumbangkan musuh kami;

dengan nama-Mu kami akan menakluki orang yang menyerang kami.

⁶ Aku tidak akan percaya kepada busurku, atau pedangku untuk menyelamatkan kami daripada musuh kami;

⁷ tetapi Engkau telah menyelamatkan kami daripada musuh kami,

dan memalukan mereka yang membenci kami.

⁸ Kami memegahkan Allah sepanjang hari, dan memuji nama-Mu selama-lamanya. **Sela**

⁹ Tetapi sekarang Engkau menyingkiri dan memalukan kami;

dan Engkau tidak bersama tentera kami.

¹⁰ Engkau membuat kami berundur apabila diserang musuh,

dan mereka yang membenci kami merampas harta kami.

¹¹ Engkau membiarkan kami disembelih seperti domba dan menceraiberaikan kami dalam kalangan bangsa-bangsa.

¹² Engkau menjual umat-Mu dengan harga picisan,

dan tidak mendapat untung daripada jualan itu.

¹³ Engkau menjadikan kami bahan ejekan jiran kami,

penghinaan dan cemuhan semua orang sekeliling kami.

¹⁴ Engkau membuat kami buah mulut bangsa-bangsa;

mereka menggeleng kepala mengumpat kami.

¹⁵ Aku sentiasa sedar akan maruahku yang tercemar,

dan keaiban yang terpalit di mukaku

¹⁶ kerana suara orang yang mengejek dan mencaci,

kerana suara musuh dan pendendam.

¹⁷ Segala ini telah menimpa kami, tetapi kami tidak melupakan-Mu dan tidak mengkhianati perjanjian dengan-Mu.

¹⁸ Hati kami tidak berpaling tadah;

dan langkah kami tidak meninggalkan
jalan-Mu.

¹⁹ Tetapi Engkau meninggalkan kami untuk
dimakan serigala

dan meliputi kami dengan bayangan maut.

²⁰ Kalaulah kami telah melupakan nama Allah
kami atau menghulur tangan menyembah
tuhan asing,

²¹ tidakkah Allah mengetahuinya,
kerana Dia tahu akan segala rahsia hati?

²² Namun kerana-Mu kami menghadapi maut
sepanjang hari;

kami dianggap sebagai domba untuk
disembelih.

²³ Bangunlah! Mengapa Engkau tidur, ya
Tuhan?

Bangkitlah! Jangan singkirkan kami selama-
lamanya.

²⁴ Mengapa Kausembunyikan wajah-Mu,
dan Kaulupakan penderitaan serta
penindasan yang menimpa kami?

²⁵ Jiwa kami tersungkur di debu;
tubuh kami terlekap ke tanah.

²⁶ Bangkitlah untuk menolong kami;
dan tebuslah kami demi kasih setia-Mu.

Takhta-Mu kekal selama-lamanya

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu “Bunga Bakung.” Renungan puak Korah. Lagu kasih.

45 ¹ Hatiku melimpah dengan tema yang indah,

aku menyanyikan ciptaanku tentang Raja;
lidahku seperti pena pujangga.

² Engkau lebih hebat daripada anak-anak manusia;

kasih kurnia tercurah di bibir-Mu,
maka Allah memberkati-Mu selama-lamanya.

³ Ikatkan pedang-Mu di pinggang, wahai Raja yang perkasa;

dengan kemuliaan dan kedaulatan-Mu.

⁴ Dan dalam kedaulatan-Mu tujuh kemenangan

bagi kebenaran, kerendahan hati dan keadilan;^j

maka tangan kanan-Mu akan mengajar-Mu pelbagai perkara yang menakjubkan.

⁵ Anak-anak panah-Mu tajam menikam jantung musuh Raja;

bangsa-bangsa rebah ke bawah kaki-Mu.

⁶ Takhta-Mu, ya Allah, kekal selama-lamanya;

^j45:4 Keadilan: Juga diterjemahkan sebagai ‘perbenaran.’

45:6: Ibr 1:8,9.

tongkat keadilan adalah tongkat kerajaan-Mu.

⁷ Engkau mencintai perbenaran^k dan membenci kejahatan;

oleh itu Allah, Allah Tuhan-Mu,

telah mengurapi-Mu dengan minyak

kebahagiaan lebih daripada teman-teman-Mu.

⁸ Seluruh pakaian diharumi damar wangi, gaharu dan cendana

dari istana-istana gading^l yang menggirangkan hati-Mu.

⁹ Puteri raja-raja antara perempuan terhormat di keliling-Mu;

di sebelah tangan kanan-Mu berdiri permaisuri berhias emas dari Ofir.

¹⁰ Dengarlah, wahai anak perempuan, pasang telingamu baik-baik dan timbangkan kata-kataku:

Lupakan bangsamu dan rumah ayahandamu.

¹¹ Kecantikanmu memikat hati Raja;

hormati Dia kerana Dia Tuanmu,

¹² Puteri Tirus akan datang membawa hadiah, orang kaya akan cuba mengambil hati-Mu.

¹³ Puteri penuh kemuliaan di istana;

^k**45:7** Perkataan 'perbenaran' merangkumi apa yang benar, adil, tulus dan baik.

^l**45:8** Gading: Ada naskhah yang diselitkan dengan frasa, 'alat muzik bertali.'

pakaiannya ditenun dengan benang emas.

¹⁴ Dia akan dibawa menghadap Raja dengan pakaian aneka warna; anak-anak dara yang mengiringnya akan menghadap-Mu.

¹⁵ Dengan gembira dan sorakan ria mereka akan dibawa; mereka akan masuk ke istana Raja.

¹⁶ Anak-anak-Mu akan menggantikan nenek moyang-Mu;

Engkau akan merajakan mereka di serata bumi.

¹⁷ Dengan nyanyianku ini nama-Mu akan diingati turun-temurun; maka bangsa-bangsa akan memuji-Mu selama-lamanya.

**Untuk pemimpin muzik. Mazmur puak Korah.
Menurut nyanyian untuk Alamot.**

46 ¹ Allah Pelindung dan Pemberi kekuatan kepada kita, sentiasa sedia menolong pada waktu kesusahan.

² Oleh itu, kita tidak akan takut meski bumi ini diganjakkan, meski gunung-ganang dialih ke tengah laut,

³ meski airnya menderu dan bergelora, meski pergunungan bergoncang dilandanya.

Sela

- ⁴ Ada sebatang sungai yang alirannya akan menggembirakan kota Allah, tempat suci khemah Yang Maha Tinggi.
- ⁵ Allah berada di situ, kota itu tidak akan goyah; Allah akan membantunya ketika fajar menyingsing.
- ⁶ Bangsa-bangsa mengganas, kerajaan-kerajaan bergoncang;
Allah berfirman, lalu bumi pun lebur.
- ⁷ Tuhan Yang Maha Kuasa menyertai kita; Allah Yakub tempat kita berlindung. **Sela**
- ⁸ Marilah, lihat perbuatan Tuhan, yang telah membawa kemusnahan kepada bumi.
- ⁹ Dia menghentikan perang di serata bumi;
Dia mematahkan busur dan lembing,
Dia membakar pedati dalam api menyala.
- ¹⁰ “Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah;
Aku akan dimuliakan dalam kalangan bangsa-bangsa,
Aku akan dimuliakan di bumi ini.”
- ¹¹ Tuhan Yang Maha Kuasa menyertai kita; Allah Yakub tempat kita berlindung. **Sela**

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur puak Korah.

47 ¹ Bertepuklah wahai seluruh bangsa-bangsa;

bersoraklah kepada Allah dengan suara kemenangan.

² Kerana Tuhan Yang Maha Tinggi amat menakjubkan,

Dia Raja besar memerintah seluruh bumi!

³ Dia akan menundukkan bangsa-bangsa ke bawah kuasa kita,
dan kaum-kaum ke bawah kaki kita.

⁴ Dia akan memilhkan warisan pusaka untuk kita,

keunggulan Yakub yang dikasihi-Nya. **Sela**

⁵ Allah telah naik ke takhta-Nya diiringi sorak-sorai,

Ya Tuhan yang diiringi bunyi nafiri.

⁶ Nyanyikan puji-pujian kepada Allah,
nyanyikanlah puji-pujian;

nyanyikan puji-pujian kepada Raja kita,
nyanyikanlah puji-pujian.

⁷ Kerana Allah Raja seluruh bumi;

nyanyikan puji-pujian sepenuh pengertian.

⁸ Allah memerintah bangsa-bangsa;

Allah bersemayam di atas takhta-Nya.

⁹ Raja-raja segala bangsa telah berhimpun sebagai umat Allah, Allah Abraham,

kerana semua raja^m bumi milik Allah;

Yang Maha Besar dan Mulia.

^m47:9 Harfiah: Perisai bumi.

Nyanyian. Mazmur puak Korah.

48¹ Maha Besar Tuhan, segala puji bagi-Nya,
di kota Allah kita, di bukit suci-Nya.

² Indah dalam ketinggian-Nya,
kegembiraan seluruh bumi.

Bukit Sion di bahagian utara Zafon,
kota Raja yang Agung.

³ Allah berada di istana kota ini;
Dia telah menunjukkan diri-Nya sebagai
Pelindung.

⁴ Lihatlah, raja-raja telah berhimpun,
mereka lalu bersama-sama,

⁵ mereka melihatnya lalu berasa takjub;
mereka cemas dan segera pergi.

⁶ Mereka dicengkam ketakutan di situ,
dan kesakitan seperti perempuan hendak
bersalin.

⁷ Seperti waktu Engkau memecahkan kapal-
kapal Tarsis dengan angin ribut dari
timur.

⁸ Sebagaimana yang kami dengar,
begitulah yang kami lihat

di kota Tuhan Yang Maha Kuasa,
di kota Allah kita:

Allah akan memeliharanya untuk selama-
lamanya. **Sela**

- ⁹ Kami telah memikirkan, ya Allah, kasih setia-Mu, di dalam rumah suci-Mu.
- ¹⁰ Menurut nama-Mu, ya Allah, demikianlah Engkau dipuji di serata bumi; tangan kanan-Mu penuh keadilan.
- ¹¹ Bergembiralah wahai Bukit Sion, bersukacitalah anak-anak perempuan Yehuda kerana penghakiman-Mu yang adil.
- ¹² Berjalanlah serata Sion, bersiar kelilingnya, hitung menara-menaranya,
- ¹³ perhatikan kubu-kubunya, tatap istana-istananya, untuk diceritakan kepada anak cucu kelak.
- ¹⁴ Kerana demikianlah Allah, Allah kita untuk selama-lamanya; Dia akan memimpin kita hingga ke akhir hayat.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur puak Korah.

- 49** ¹ Dengarlah, wahai segala bangsa; pasang telingamu, wahai semua penghuni dunia,
- ² baik hina atau mulia, kaya atau miskin:
- ³ Lidahku akan menuturkan kebijaksanaan; dan renungan hatiku akan memberi pengertian.

- ⁴ Aku akan meneliti amsal;
dan menerangkan ertinya sambil memetik
kecapi:
- ⁵ Mengapa aku harus takut dalam masa
kesusahan,
ketika kejahatan yang memburuku telah
mengepungku –
- ⁶ mereka yang bergantung kepada kekayaan
dan berbangga akan harta yang banyak?
- ⁷ Sesungguhnya, seorang pun daripada mereka
tidak berdaya menebus saudaranya
dengan membayar harga tebusannya kepada
Allah –
- ⁸ kerana harga tebusan jiwa mereka sungguh
mahal,
maka jiwa mereka akan musnah –
- ⁹ mereka tidak dapat hidup selama-lamanya
dan tidak dapat mengelakkan kubur.
- ¹⁰ Setiap manusia melihat orang bijaksana
meninggal dunia;
begitu juga orang bodoh dan orang tolol
lalu meninggalkan kekayaan mereka kepada
orang lain.
- ¹¹ Dalam hati mereka menyangka rumah
mereka akan kekal selama-lamanya,
akan menjadi kediaman zuriat mereka
turun-temurun,

mereka menamakan tanah dengan nama mereka.

¹² Namun demikian manusia, meskipun terhormat, tidak akan kekal; sama seperti haiwan, dia akan mati.

¹³ Inilah nasib orang yang bodoh, dan keturunan mereka yang menyokong kata-kata mereka. **Sela**

¹⁴ Seperti domba mereka berbaring di kubur, maut akan membaham mereka.

Orang yang tulus akan berkuasa atas mereka setelah pagi nanti; dan jasad mereka akan dimusnahkan di kubur, jauh dari tempat kediaman mereka.

¹⁵ Kerana Allah yang akan menyelamatkanku dari kubur;

Dia akan membawaku bersama-Nya. **Sela**

¹⁶ Jangan runsing ketika melihat orang menjadi kaya-raya, dan keluarganya semakin dimuliakan;

¹⁷ kerana apabila dia mati, tiada suatu pun dibawanya, kemuliaannya tidak turut masuk ke kubur.

¹⁸ Walaupun dia berasa bahagia ketika hidup – kerana orang yang berjaya sentiasa dipuji –

¹⁹ namun dia akan menyusul nenek moyangnya, dan tidak akan melihat cahaya selama-lamanya.

²⁰ Orang yang dimuliakan tetapi tidak mengerti samalah seperti haiwan yang mati.

Mazmur Asaf.

50 ¹ Allah, Tuhan Yang Maha Kuasa,
telah berfirman dan berseru kepada bumi
daripada terbitnya hingga terbenamnya
matahari.

² Dari Sion, puncak keindahan,
Allah akan memancarkan cahaya-Nya.

³ Allah kita, akan datang dan tidak akan berdiam
diri;

api yang membakar mendahului-Nya,
ribut yang kencang mengelilingi-Nya.

⁴ Dia akan berseru kepada langit dari
takhta-Nya,
dan kepada bumi, supaya menyaksikan Dia
menghakimi umat-Nya:

⁵ “Himpunkan umat-Ku yang warak di
hadapan-Ku,
mereka yang telah mengikat perjanjian
dengan-Ku
dan meneguhkannya dengan korban.”

⁶ Langit mengisytiharkan keadilan-Nya,
kerana Allah itu hakim. **Sela**

⁷ “Dengarlah, wahai umat-Ku, Aku akan
berfirman,
Wahai Israel, Aku akan naik saksi tentang
kesalahanmu:

Akulah Allah, Allahmu.

⁸ Aku tidak menyalahkan kamu kerana korban sembelihanmu,

atau kerana korban bakaran yang sentiasa kamu persembahkan kepada-Ku.

⁹ Aku tidak memerlukan lembu jantan dari kandang di rumahmu atau kambing dari kawanamu,

¹⁰ kerana setiap haiwan di gurun ialah milik-Ku, begitu juga lembu di atas seribu bukit.

¹¹ Aku mengenal semua burung di pergunungan,

dan haiwan liar di padang semuanya milik-Ku.

¹² Kalaulah Aku lapar, Aku tidak akan memberitahumu,

kerana dunia ini milik-Ku, dengan seluruh isinya.

¹³ Adakah Aku akan makan daging lembu jantan atau minum darah kambing?

¹⁴ Persembahkan kesyukuran kepada Allah, dan tunaikan janjimu kepada Yang Maha Tinggi,

¹⁵ berdoalah kepada-Ku pada masa kesusahan; Aku akan menyelamatkanmu, dan kamu akan memuliakan-Ku.”

¹⁶ Tetapi kepada orang zalim, Allah berfirman: “Kamu tidak berhak mengisytiharkan hukum-Ku atau melafazkan perjanjian-Ku.

- ¹⁷ Kerana kamu benci akan ajaran-Ku
dan membelakangi firman-Ku.
- ¹⁸ Apabila melihat pencuri, kamu berpakat
dengannya;
dan kamu telah menyertai orang berzina.
- ¹⁹ Kamu sentiasa menuturkan kejahatan
dan merancang penipuan.
- ²⁰ Kamu duduk mengumpat saudara sendiri
kamu memfitnah saudara kandungmu.
- ²¹ Kamu telah melakukan semua ini, dan Aku
berdiam diri;
kamu menyangka Aku serupa denganmu.
Tetapi sekarang Aku memarahimu
dan menjelaskan semuanya kepadamu.
- ²² “Fikirkan semua ini, hai kamu yang
melupakan Allah,
jangan sampai Aku membinasakanmu,
dan tiada siapa dapat menyelamatkanmu:
- ²³ Orang yang mempersembahkan pujian
memuliakan Aku,
dan kepada orang yang berkelakuan baik
Aku akan menunjukkan penyelamatan Allah.”
- Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud
apabila ditegur oleh Nabi Natan
kerana berzina dengan Batsyeba.**

51 ¹ Kasihanilah aku, ya Allah,
demi kasih setia-Mu yang kekal;

demi belas kasih-Mu yang melimpah
hapuskanlah dosaku.

² Bersihkan aku daripada kejahatanku,
sucikan aku daripada dosaku.

³ Kerana aku mengakui kesalahanku,
dan sentiasa sedar akan dosaku.

⁴ Kepada-Mu, hanya kepada-Mu, aku berdosa
dan melakukan kejahatan di pandangan-Mu,
maka Engkau didapati benar dalam
kata-kata-Mu,
dan penghakiman-Mu tidak bercela.

⁵ Aku telah dilahirkan dalam kejahatan,
dan dalam dosa ibuku mengandungkan aku.

⁶ Engkau menghendaki kebenaran dalam diri;
dan di lubuk jiwaku Engkau akan mengajarku
menenal kebijaksanaan.

⁷ Bersihkan aku dengan hisop, supaya aku suci;
basuhlah aku sehingga lebih putih daripada
salji.

⁸ Perdengarkan kegembiraan dan keriaan
kepadaku;
supaya tulang-tulangku yang Kaupatahkan
dapat bersukacita.

⁹ Sembunyikan wajah-Mu daripada dosaku
dan hapuskan segala kejahatanku.

- ¹⁰ Ciptakan hati yang bersih dalam diriku, ya Allah,
dan pulihkan semangat waja dalam jiwaku.
- ¹¹ Jangan singkirkan aku dari hadirat-Mu
dan jangan ambil Roh Kudus-Mu daripadaku.
- ¹² Bahagiakan aku semula dengan
penyelamatan-Mu
dan kuatkan aku dengan Roh-Mu yang
pemurah.
- ¹³ Maka aku akan mengajar orang yang ingkar
tentang jalan-Mu,
dan orang berdosa akan kembali taat
kepada-Mu.
- ¹⁴ Selamatkan aku daripada kesalahan
menumpahkan darah, ya Allah,
Allah Penyelamatku,
maka suaraku akan lantang menyanyikan
perbenaran-Mu.ⁿ
- ¹⁵ Ya Tuhan, bukakan mulutku,
aku akan mengisytiharkan puji-pujian
bagi-Mu.
- ¹⁶ Kalaulah Engkau bersukacita dengan korban,
tentu kupersembahkan;
Engkau tidak berkenan akan korban bakaran.

ⁿ**51:14** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak Tuhan serta sifat-Nya yang benar, tulus, baik dan adil.

¹⁷ Korban untuk Allah ialah hati yang hancur;
hati yang hancur dan sesal,
Ya Allah, tidak akan Kauremehkan.

¹⁸ Limpahkanlah rahmat-Mu kepada Sion, ya
Allah;
binalah tembok-tembok Yerusalem.

¹⁹ Maka Engkau akan berkenan dengan
persembahan yang benar,
dengan korban bakaran;
mereka akan mempersembahkan lembu
korban di mazbah-Mu.

**Untuk pemimpin muzik. Renungan Daud ketika
Do'eg, orang Edom, memberitahu Saul: “Daud
telah pergi ke rumah Ahimelekh.”**

52 ¹ Mengapa kaubanggakan kejahatanmu,
hai orang berkuasa?

Mengapa engkau sombong sepanjang hari,
hai orang yang bermegah di hadapan Allah?

² Lidahmu merancang kebinasaan;
seperti pisau cukur yang tajam,
melakukan penipuan.

³ Engkau lebih mencintai kejahatan daripada
kebaikan,
berdusta lebih daripada bercakap benar. **Sela**

⁴ Engkau mencintai kata-kata yang
membinasakan,
Hai lidah berdusta!

⁵ Oleh itu, Allah akan membinasakan kamu
untuk selama-lamanya:
Dia akan menyeretmu pergi, meragutmu dari
rumah;
dan mencabutmu dari tanah orang yang hidup.

Sela

⁶ Orang yang benar akan melihat ini dan berasa
takut;

mereka akan mencemooh dengan berkata,

⁷ “Inilah orang yang tidak menjadikan Allah
kekuatannya

tetapi percaya akan kekayaannya yang
bertimbun lalu menguatkan dirinya dalam
kejahatan!”

⁸ Tetapi aku seperti pokok zaitun yang hijau di
Rumah Allah;

Aku percaya akan kasih setia Allah selama-
lamanya.

⁹ Aku akan memuji-Mu selama-lamanya kerana
segala yang telah Kaulakukan;

aku akan percaya kepada nama-Mu yang penuh
kebaikan.

Di hadapan umat-Mu yang warak, aku akan
memuji-Mu.

**Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu
Mahalat. Renungan Daud.**

53 ¹ Orang bodoh berkata dalam hatinya,
“Tidak ada Allah.”

Mereka rosak akhlak, dan telah melakukan
perbuatan keji;
tiada yang berbuat baik.

² Allah memandang dari syurga
kepada anak-anak manusia
untuk melihat kalau ada yang mengerti,
yang mencari Allah.

³ Semuanya telah berpaling,
bersama-sama rosak akhlak;
tiada yang berbuat baik,
tidak, tiada seorang pun.

⁴ Tidakkah orang yang melakukan kejahatan ini
tahu –
mereka merampas hak umat-Ku
dan tidak berseru kepada Allah?

⁵ Sekarang mereka akan ditimpa ketakutan
yang besar,
mereka yang tidak mengenal takut dahulu.
Kerana Allah telah menyerakkan tulang
orang yang hendak menyerang kamu,
umat-Nya;

kamu telah menumpaskan mereka, kerana
Allah benci akan mereka.

⁶ Semoga penyelamatan Israel datang dari Sion!
Apabila Allah memulihkan keadaan umat-Nya,
bergembiralah Yakub dan bersukacitalah Israel.

**Untuk pemimpin muzik. Dengan alat-alat
muzik bertali. Renungan Daud ketika
orang Zif memberitahu Saul, “Daud
bersembunyi di kawasan kami.”**

54 ¹ Selamatkanlah aku, ya Allah, dengan
nama-Mu;

dan belalah aku dengan kekuatan-Mu.

² Dengarlah doaku, ya Allah;
dengarlah kata-kataku.

³ Orang asing telah bangkit menyerangku;
dan orang zalim cuba meragut nyawaku –
mereka tidak ingat akan Allah. **Sela**

⁴ Allah menolong aku;
Tuhan menyertai orang yang
mempertahankan nyawaku.

⁵ Allah akan membalas kejahatan musuhku;
akan menghapuskan mereka dalam
kesetiaan-Nya.

⁶ Aku akan mempersembahkan korban
kepada-Mu dengan sepenuh kerelaan;
aku akan memuji nama-Mu, ya Tuhan,
yang penuh kebaikan.

⁷ Kerana Allah telah menyelamatkan aku
daripada segala kesusahan,
dan matakु telah melihat hasratku tercapai
dengan ketewasan musuhku. **Sela**
Untuk pemimpin muzik. Dengan
alat-alat muzik bertali. Renungan Daud.

55 ¹ Dengarlah doaku, ya Allah,
dan jangan palingkan wajah-Mu daripada
rayuanku;

² berilah perhatian-Mu kepadaku, dengarlah
kata-kataku.

Aku gelisah menderita, aku merintih kuat

³ kerana mendengar suara musuh,
kerana ditindas orang zalim;

mereka membawa kesusahan kepadaku
dan mereka marah serta membenciku.

⁴ Hatiku terseksa;
dan dihipit rasa ngeri akan dahsyatnya
maut.

⁵ Aku berasa gerun dan gementar;
aku tertekan oleh ketakutan.

⁶ Maka aku berkata, “Kalaulah aku bersayap
seperti merpati,
aku akan terbang ke mana-mana mencari
damai,

⁷ bahkan aku akan pergi jauh dan tinggal di
gurun. **Sela**

⁸ Aku akan segera melarikan diri,

daripada angin kencang dan ribut.”

⁹ Binasakanlah mereka, ya Tuhan, kelirukan lidah mereka, kerana aku telah melihat keganasan dan rusuhan di kota.

¹⁰ Siang malam mereka mengelilingi kota; melakukan kejahatan dan membawa kekacauan.

¹¹ Pembinaan berlaku di tengah-tengah kota; penindasan dan penipuan menetap di jalan-jalan rayanya.

¹² Bukan musuh yang mengecamku, kalau musuh, masih dapat kutanggung; bukan pembenciku yang bangkit menentangku, kalau pembenciku, masih dapat aku bersembunyi.

¹³ Tetapi kamu yang melakukannya, rakan sebayaku, temanku, kawanku,

¹⁴ dahulu kita berbincang mesra dan berjalan seiring ke Rumah Allah di tengah-tengah orang ramai.

¹⁵ Biar maut menyambar mereka; biar mereka turun hidup-hidup ke neraka, kerana kejahatan meliputi tempat tinggal dan perhimpunan mereka.

¹⁶ Aku akan berseru kepada Allah, dan Tuhan akan menyelamatkan aku.

- 17 Petang, pagi dan tengah hari aku akan berdoa
dan meratap kuat,
dan Dia akan mendengar suaraku.
- 18 Dia telah menyelamatkan nyawaku
dan membawaku pulang dengan selamat
dari medan perang,
padahal musuhku begitu ramai.
- 19 Allah yang wujud selama-lamanya,
Allah akan mendengar dan menghukum
mereka – **Sela**
- kerana mereka tidak mengubah kelakuan,
nyatalah mereka tidak takut akan Allah.
- 20 Bekas sahabatku itu telah menyerang orang
yang hidup berbaik-baik dengannya;
dia telah memungkiri janjinya.
- 21 Kata-katanya halus lunak,
tetapi niat perang tersembunyi dalam
hatinya;
kata-katanya lemah-lembut,
tetapi serupa pedang terhunus.
- 22 Serahkanlah bebanmu kepada Tuhan
Dia akan menolongmu;
Dia tidak akan membiarkan orang yang benar
dikalahkan.
- 23 Engkau, ya Allah, akan membinasakan orang
zalim ke dalam lembah kehancuran;
orang yang suka menumpahkan darah dan
menipu tidak akan mencapai separuh usia.

Aku akan percaya kepada-Mu.

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu “Merpati Sepi di Tanah Jauh.”

Mazmur Daud, pada masa orang Filistin menangkapnya di Gat.

- 56** ¹ Kasihanilah aku, ya Allah, kerana orang hendak membinasakan aku; sepanjang hari mereka menyerang dan menindasku.
- ² Musuhku memburu aku sepanjang hari; ramai orang menentangku.
- ³ Apabila aku berasa takut, aku berharap kepada-Mu.
- ⁴ Kepada Allah, aku memuji firman-Nya, kepada Allah, aku meletakkan kepercayaanku; aku tidak akan gentar. Apakah yang dapat dilakukan oleh manusia kepadaku?
- ⁵ Sepanjang hari mereka memesongkan kata-kataku; seluruh fikiran mereka penuh kejahatan menentangku.
- ⁶ Mereka berhimpun, mereka bersembunyi, memerhatikan jejak langkahku, lalu menghendap untuk meragut nyawaku.

- ⁷ Mereka tidak patut dibiarkan berleluasa
melakukan kejahatan;
binasakanlah mereka dalam kemurkaan-Mu, ya
Allah.
- ⁸ Engkau memerhati setiap gerak-geriku;
Engkau mengambil kira setiap titis air mataku
—
tidakkah mereka itu tercatat dalam
buku-Mu?
- ⁹ Apabila aku berseru kepada-Mu
musuhku akan berundur.
Ini aku tahu, kerana Allah memihak kepadaku.
- ¹⁰ Kepada Allah, aku memuji firman-Nya,
kepada Tuhan, aku memuji firman Tuhan —
- ¹¹ kepada Allah kuletakkan kepercayaanku; aku
tidak akan gentar.
Apakah yang dapat dilakukan oleh manusia
kepadaku?
- ¹² Aku akan menunaikan segala janjiku
kepada-Mu, ya Allah;
aku akan bersyukur memuji-Mu.
- ¹³ Kerana Engkau telah menyelamatkan aku
daripada maut
dan mengelakkan kakiku daripada tergelincir,
supaya aku dapat melangkah di hadapan Allah
dalam cahaya orang yang hidup.

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu “Jangan Binasakan.” Mazmur Daud, ketika dia lari daripada Saul ke dalam gua.

57¹ Kasihanilah aku, ya Allah, kasihanilah aku,

kerana jiwaku percaya kepada-Mu.

Dan di bawah naungan sayap-Mu aku akan berlindung

sehingga segala malapetaka ini berlalu.

² Aku akan berseru kepada Allah Yang Maha Tinggi,

kepada Allah yang melakukan segalanya untukku.

³ Dia akan menghantar bantuan dari syurga dan menyelamatkan aku,

Dia memurkai orang yang ingin membinasakan aku; **Sela**

Allah akan menghantar kasih-Nya dan kesetiaan-Nya.

⁴ Jiwaku dikepung singa;

aku terbaring di antara anak-anak manusia yang ganas membakar seperti api – gigi mereka lembing dan anak panah, dan lidah mereka pedang yang tajam.

⁵ Maha Tinggi Engkau, ya Allah, memerintah langit;

tunjukkan kemuliaan-Mu menguasai seluruh bumi.

⁶ Mereka telah memasang jerat supaya kakiku terperosok; jiwaku tertekan.

Mereka telah menggali lubang yang dalam untukku;

lalu mereka sendiri terjatuh ke dalamnya.

Sela

⁷ Hatiku teguh, ya Allah, hatiku teguh; aku akan menyanyi dan menggubah pujian.

⁸ Bangunlah, jiwaku!

Bangunlah, gambus dan kecapi!

Aku akan membangunkan fajar.

⁹ Aku akan memuji-Mu, ya Tuhan, dalam kalangan bangsa-bangsa;

aku akan menyanyi untuk-Mu dalam kalangan umat manusia.

¹⁰ Kerana kasih-Mu menjangkau langit; dan kesetiaan-Mu mencapai awan.

¹¹ Maha Tinggi Engkau, ya Allah, memerintah langit;

dan kemuliaan-Mu di atas seluruh bumi.

Untuk pemimpin muzik.

Menurut lagu “Jangan Binasakan.” Mazmur Daud.

58 ¹ Benarkah kamu menegakkan kebenaran, hai kamu yang membisu?

Adakah kamu menghakimi dengan adil, hai anak-anak manusia?

- ² Tidak, hatimu merancang kejahatan,
tanganmu melakukan keganasan di bumi ini.
- ³ Orang zalim tersisih sejak dalam rahim;
mereka sesat sejak lahir, mereka berdusta.
- ⁴ Racun mereka seperti racun ular yang bisa,
mereka menutup telinga seperti ular tedung
yang tuli,
- ⁵ yang tidak mahu mendengar suara tuannya,
walau betapa bijak memujuknya.
- ⁶ Patahkanlah gigi singa-singa muda itu, ya
Allah;
cabutkan taring mereka, ya Tuhan!
- ⁷ Biar mereka hilang seperti air mengalir
terus-menerus;
apabila mereka memanah, hancurkan anak
panah mereka.
- ⁸ Jadikan mereka seperti siput yang menjadi
lendir,
seperti anak yang dilahirkan mati, tidak
sempat melihat matahari.
- ⁹ Sebelum mereka sedar ditikam duri berapi –
mereka akan disambar-Nya seperti dengan
tiupan taufan
dalam kemurkaan-Nya yang hidup dan
menyala-nyala.
- ¹⁰ Orang yang benar akan bergembira melihat
pembalasan itu,
lalu membasuh kaki dalam darah orang zalim.

¹¹ Maka orang akan berkata,

“Sesungguhnya, orang yang benar mendapat ganjaran;

sesungguhnya Allah mengadili di bumi ini.”

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu “Jangan Binasakan.” Mazmur Daud, ketika Saul menghantar orang mengawasi rumah Daud untuk membunuhnya.

59 ¹ Selamatkan aku daripada musuhku, ya Allah;

pertahankan aku daripada mereka yang bangkit menyerangku.

² Selamatkan aku daripada orang yang melakukan kejahatan

dan lindungi aku daripada manusia yang dahagakan darah.

³ Lihatlah, mereka mengendap menanti untuk meragut nyawaku!

Orang yang berkuasa berpakat menentangku bukan kerana apa-apa kesalahan atau dosaku, ya Tuhan.

⁴ Mereka bersiap-siap menyerangku, sedangkan aku tidak bersalah.

Bangunlah untuk menolongku; lihatlah!

⁵ Ya Tuhan, Allah alam semesta ialah Allah Israel,

bangunlah dan hukumlah segala bangsa itu;

jangan kasihani mereka yang zalim dan berdosa. **Sela**

⁶ Pada waktu senja mereka datang lagi,
menderam seperti anjing,
dan mengelilingi kota.

⁷ Mulut mereka meluahkan kata-kata –
yang tajam seperti pedang,
mereka menyangka tiada siapa yang
mendengar.

⁸ Tetapi Engkau, ya Tuhan, akan mentertawakan
mereka;

Engkau akan menjadikan segala bangsa itu
bahan ejekan.

⁹ Ya, Kekuatanku, aku akan menanti-Mu dengan
penuh keyakinan;

Ya Allah Yang Maha Kuasa, Allah Pelindungku.

¹⁰ Allah yang mengasihiku akan datang
kepadaku

Allah akan menunaikan permohonanku
tentang musuhku.

¹¹ Jangan terus matikan mereka,
takut nanti kaumku lupa.

Pecah belahkan mereka dengan kekuasaan-Mu,
dan jatuhkan mereka, ya Tuhan, perisai
pelindung kami.

¹² Kerana kelancangan mulut mereka,
melemparkan kata-kata berdosa,

biarlah mereka disambar di tengah-tengah
keangkuhan mereka.

Dan kerana mereka menyumpah dan berdusta,
¹³ musnahkan mereka dalam kemurkaan-Mu,
musnahkan mereka, supaya mereka tidak
wujud lagi.

Dan tunjukkan bahawa Allah memerintah
dalam Yakub,
dan setiap pelosok bumi. **Sela**

¹⁴ Pada waktu senja mereka datang lagi,
mereka menderam seperti anjing,
dan mengelilingi kota.

¹⁵ Mereka merayau-rayau mencari makanan
dan melolong jika tidak kenyang.

¹⁶ Tetapi aku akan menyanyi tentang
kekuasaan-Mu,

ya, aku akan menyanyi setiap pagi dengan
nyaring tentang kasih-Mu;

kerana Engkau pelindungku,
dan penaungku pada waktu kesusahan.

¹⁷ Untuk-Mu, ya Allah, kekuatanku,
aku akan menyanyikan puji-pujian;
kerana Allah Pelindungku, Allah yang
mengasihiku.

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu “Bunga Bakung Perjanjian.”

Mazmur Daud. Untuk pengajaran. Ketika dia berperang melawan Mesopotamia dan Aram-Zoba, Yoab pulang lalu membunuh dua belas ribu orang Edom di Lembah Garam.

60 ¹ Ya Allah, Engkau telah menyingkiri kami, Engkau telah membiarkan kami tewas; Engkau telah murka – terimalah kami semula!

² Engkau telah membuat bumi bergetar, Engkau telah membuatnya pecah belah; pulihkanlah semula, kerana bumi sedang gementar.

³ Engkau telah menimpakan kesengsaraan ke atas umat-Mu; Engkau telah memberi kami minum anggur kekeliruan.

⁴ Engkau telah mengurniakan panji-panji kepada orang yang takut kepada-Mu, untuk dikibarkan kerana kebenaran. **Sela**

⁵ Supaya orang yang Kaukasihi dapat diselamatkan, lepaskanlah dengan tangan kanan-Mu dan dengarlah rayuanku.

⁶ Allah telah berfirman dalam kesucian-Nya:

“Aku akan bergembira, Aku akan
membahagikan tanah Sikhem
dan mengukur serta mengagihkan Lembah
Sukot.

⁷ Gilead milik-Ku, Manasye milik-Ku;

Efraim juga topi besi-Ku,

Yehuda tongkat kerajaan-Ku.

⁸ Moab tempat pembasuhan-Ku,

ke atas Edom akan Kulemparkan kasut-Ku;

ke atas Filistea Aku akan menang.”

⁹ Siapa akan membawaku ke dalam kota

perkasa itu?

Siapa akan memimpinku ke Edom?

¹⁰ Bukankah Engkau, ya Allah, yang menyingkiri

kami

dan Engkau, ya Allah, yang tidak menyertai

tentera kami?

¹¹ Berilah kami pertolongan daripada

kesusahan,

kerana pertolongan daripada manusia tidak

berguna.

¹² Melalui Allah, kita akan berjuang berani,

kerana Dialah yang akan menumpaskan

musuh kita.

Untuk pemimpin muzik. Dengan

alat muzik bertali. Mazmur Daud.

61

¹ Dengarlah rayuanku, ya Allah; dengarlah
doaku.

- ² Dari hujung bumi aku akan merayu
kepada-Mu,
ketika hatiku tertekan;
bimbinglah aku ke tempat batuan yang lebih
tinggi daripadaku.
- ³ Kerana Engkaulah tempat aku bernaung,
menara perkasa yang melindungiku daripada
musuh.
- ⁴ Aku akan tinggal di khemah suci-Mu
selama-lamanya
aku akan berlindung di bawah naungan
sayap-Mu. **Sela**
- ⁵ Kerana Engkau, ya Allah, telah mendengar
segala janjiku;
Engkau telah memberiku warisan mereka yang
takut akan nama-Mu.
- ⁶ Engkau akan melanjutkan usia raja,
hayatnya dan zuriatnya turun-temurun.
- ⁷ Dia akan berada di hadirat Allah^o selama-
lamanya;
kurniakanlah kasih dan kesetiaan yang akan
memeliharanya.
- ⁸ Maka aku akan menyanyikan puji-pujian bagi
nama-Mu selama-lamanya
untuk menunaikan janjiku setiap hari. **Sela**

^o61:7 Atau: Di hadirat-Mu.

Untuk pemimpin muzik.**Menurut Yedutun. Mazmur Daud.**

- 62** ¹ Sesungguhnya, jiwaku senyap hening menantikan Allah;
daripada-Nya datang penyelamatanku.
- ² Hanyalah Dia batu pejal dan penyelamatanku;
Dialah yang melindungiku, maka aku tidak akan digulingkan.
- ³ Berapa lamakah kamu akan terus menyerang?
Kamu semua akan dimusnahkan –
seperti dinding yang miring
dan pagar yang hampir rebah.
- ⁴ Mereka berkomplot semata-mata untuk menggulingkannya
daripada kedudukannya yang tinggi;
mereka suka berdusta.
Mereka memberkati dengan mulut,
tetapi menyumpah dalam hati. **Sela**
- ⁵ Jiwaku, senyap heninglah menantikan Allah sahaja;
kerana harapanku terletak pada-Nya.
- ⁶ Hanyalah Dia batu pejal dan penyelamatanku;
Dialah pertahananku, maka aku tidak akan digugat.
- ⁷ Pada Allah penyelamatanku dan kemuliaanku;

batu pejal kekuatanku, dan tempat
perlindunganku pada Allah.

⁸ Percayalah kepada-Nya setiap waktu, hai
umatku;

curahkan isi hatimu di hadirat-Nya,
Allah Pelindung kita. **Sela**

⁹ Sesungguhnya, manusia baik rendah
mahupun tinggi kedudukannya,
hanyalah nafas dan bayangan maya;
jika mereka ditimbang dengan neraca;
semuanya lebih ringan daripada nafas.

¹⁰ Jangan letakkan kepercayaan kepada
penindasan,
usah berharap sia-sia kepada hasil rompakan;
walaupun kekayaanmu bertambah,
jangan bergantung kepadanya.

¹¹ Allah telah berfirman beberapa kali,
dan aku telah mendengar:

bahawa kuasa hanya milik Allah,

¹² kasih juga milik-Mu, ya Tuhan.

Engkau memberi ganjaran yang sepadan
dengan usaha setiap orang.

Mazmur Daud ketika dia di Gurun Yehuda.

63 ¹ Ya Allah, Engkau Allahku,
aku akan mencari-Mu segera;
jiwaku dahaga kepada-Mu,

- jasadku merindui-Mu,
di tanah gersang tandus tanpa air.
- ² Maka aku mencari-Mu di tempat suci-
Mu untuk melihat kekuasaan dan
kemuliaan-Mu.
- ³ Kerana kasih-Mu lebih bernilai daripada
nyawa,
bibirku akan memuji-Mu.
- ⁴ Demikian aku akan memuji-Mu seumur
hidupku,
aku akan menadah tanganku dengan
nama-Mu.
- ⁵ Jiwaku akan berasa puas seperti dijamu;
dan aku akan memuji-Mu dengan sukacita.
- ⁶ Apabila aku ingat kepada-Mu di tempat
tidurku;
aku berjaga merenungkan Engkau sepanjang
malam.
- ⁷ Kerana Engkau telah menolongku,
maka di bawah naungan sayap-Mu aku akan
bergembira.
- ⁸ Jiwaku mengikut jejak-Mu dari dekat;
tangan kanan-Mu memberiku kekuatan.
- ⁹ Tetapi mereka yang ingin meragut nyawaku;
akan terbenam jauh di dalam bumi.
- ¹⁰ Mereka mati ditikam pedang
mereka akan menjadi habuan serigala.
- ¹¹ Raja akan bersukacita kerana Allah;

setiap orang yang berjanji dengan nama Allah
akan memuliakan-Nya,
tetapi mulut pendusta akan dibisukan.
Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud.

- 64** ¹ Dengarlah suaraku, ya Allah, dalam
renunganku;
peliharakan nyawaku daripada ancaman
ngeri musuh.
- ² Lindungi aku daripada pakatan rahsia orang
zalim,
daripada pemberontakan mereka yang
melakukan kejahatan.
- ³ Mereka menajamkan lidah mereka seperti
pedang
dan melengkungkan busur memanahkan
kata-kata pahit.
- ⁴ Jangan biarkan mereka memanah dengan
rahsia orang yang tidak bersalah;
mereka memmanahnya mendadak tanpa
takut.
- ⁵ Mereka saling menggalakkan ke arah
kejahatan,
mereka berbincang hendak memasang jerat
dalam rahsia;
kata mereka, “Siapa yang akan melihat
mereka?”
- ⁶ Mereka merancang pelbagai kejahatan,
“Kami telah menyiapkan muslihat licik!”

Fikiran dan hati manusia memang sukar diselami.

⁷ Tetapi Allah akan melepaskan anak panah-Nya kepada mereka;

tiba-tiba mereka akan luka.

⁸ Dia akan membinasakan mereka dengan kata-kata mereka sendiri;

semua yang melihat mereka menggeleng kepala.

⁹ Semua manusia akan ketakutan; dan akan mengisytiharkan perbuatan Allah kerana dengan bijaksana mereka akan merenung tindakan-Nya.

¹⁰ Orang yang benar akan bersukacita kerana Tuhan

dan berlindung kepada-Nya;

dan semua yang tulus hati akan memuliakan-Nya!

Untuk pemimpin muzik. Mazmur

Daud. Sebuah nyanyian.

65 ¹ Puji-pujian menanti-Mu, ya Allah, di Sion;

dan janji kami kepada-Mu akan ditunaikan.

² Engkau yang mendengar doa, semua manusia akan datang kepada-Mu.

³ Dosa-dosaku terlalu berat bagiku, kami manusia berdosa, tetapi Engkau melorongkan pendamaian.

- ⁴ Diberkatilah orang yang Kaupilih untuk mendekati-Mu!
Dan tinggal di tempat Engkau bertakhta,
kami akan dilimpahi berkat rumah-Mu,
tempat suci-Mu.
- ⁵ Engkau akan menjawab rayuan kami dengan perbuatan benar yang menakjubkan,
Ya Allah Penyelamat kami,
Engkaulah harapan seluruh bumi dan lautan yang jauh,
- ⁶ Engkau yang menegakkan gunung pada tempatnya dengan kekuatan-Mu,
kerana Engkau lengkap dengan kekuasaan,
- ⁷ Engkau yang menenangkan deru lautan,
gemuruh gelombangnya,
dan gelora bangsa-bangsa.
- ⁸ Orang yang tinggal di setiap pelosok bumi gerun melihat tanda-tanda-Mu;
Engkau memberi kegembiraan dari fajar menyingsing hingga matahari terbenam.
- ⁹ Engkau mengairi bumi;
dan menyuburkannya.
Sungai Allah penuh dengan air;
Engkau memberi rezeki^P kepada mereka,

^P65:9 Harfiah: Bijirin. Perkataan, 'rezeki' merujuk kepada makanan sehari-hari.

dengan menyediakan tanah untuk tanaman.⁹

¹⁰ Engkau mengairi batas-batas ladang mereka
dan menggemburkan alur-alurnya;

Engkau melembutkannya dengan hujan
dan memberkati pertumbuhan tanaman.

¹¹ Engkau mencurahkan rahmat-Mu sepanjang
tahun,
melimpahkan kemakmuran merata-rata.

¹² Rahmat-Mu menyuburkan padang rumput di
gurun;

segala bukit kecil di sekitar bergembira.

¹³ Padang-padang rumput penuh dengan
ternakan;

lembah lurah kaya dengan ternakan;

semuanya bersorak riang dan menyanyi.

**Untuk pemimpin muzik. Sebuah
nyanyian. Sebuah mazmur.**

66 ¹ Bersoraklah dengan girang kepada Allah,
wahai seluruh bumi!

² Nyanyikan kebesaran nama-Nya;
lafazkan puji-pujian untuk-Nya penuh
kemuliaan!

³ Katakan kepada Allah, “Alangkah menakjubkan
segala perbuatan-Mu!

⁹65:9 Harfiah: Engkau memberikan bijirin kepada manusia.
Begitulah Engkau menyediakannya.

Kekuasaan-Mu sungguh besar semua musuh-Mu akan tunduk kepada-Mu.

⁴ “Seluruh bumi akan menyembah-Mu; dan menyanyikan pujian kepada-Mu, mereka menyanyikan pujian kepada nama-Mu.” **Sela**

⁵ Marilah melihat perbuatan Allah, Dia sungguh menakjubkan dalam perbuatan-Nya terhadap anak-anak manusia!

⁶ Dia mengubah laut menjadi tanah kering, mereka menyeberangi berjalan kaki – di sana kami bersukacita kerana-Nya.

⁷ Dia memerintah dengan kekuasaan-Nya untuk selama-lamanya, Dia mengawasi bangsa-bangsa; jangan ada pemberontak cuba melawan-Nya.

Sela

⁸ Pujilah Allah kami, hai semua umat-Nya, biar suara puji untuk-Nya didengar orang;

⁹ Dia telah melindungi kami daripada kematian dan tidak membiarkan kami dikalahkan.

¹⁰ Kerana Engkau, ya Allah, telah menguji kami; Engkau telah memurnikan kami seperti perak yang dimurnikan.

- ¹¹ Engkau membiarkan kami terjerumus ke dalam perangkap
Engkau membebani kami dengan derita.
- ¹² Engkau membiarkan orang memijak kepala kami;
kami mengharungi api dan air,
tetapi Engkau telah membawa kami keluar ke dalam limpahan rahmat dan pencapaian hasrat.
- ¹³ Aku akan masuk ke rumah-Mu membawa korban bakaran,
aku akan menunaikan segala janjiku kepada-Mu
—
- ¹⁴ yang telah kulafazkan ketika aku dalam kesusahan.
- ¹⁵ Aku akan mempersembahkan kepada-Mu ternakan yang digemukkan sebagai korban bakaran bersama bauan harum daging domba jantan;
aku akan mempersembahkan lembu jantan dan kambing. **Sela**
- ¹⁶ Marilah dan dengarlah, wahai kamu yang takut akan Allah;
aku akan mengisytiharkan apa yang telah dilakukan-Nya untukku.
- ¹⁷ Aku berseru kepada-Nya dengan mulutku;
dan dengan lidahku Dia disanjung.
- ¹⁸ Kalaulah ada niat jahat dalam hatiku,

Tuhan tidak akan mendengar rayuanku;
¹⁹ tetapi sesungguhnya Allah telah mendengar
suaraku
dan telah mengabulkan doaku.

²⁰ Segala puji bagi Allah,
yang tidak menolak doaku
dan tidak menyingkirkan aku daripada
kasih-Nya!

Untuk pemimpin muzik. Dengan alat muzik bertali. Sebuah mazmur. Sebuah nyanyian.

67 ¹ Ya Allah, kasihani dan berkatilah kami
dan limpahi kami dengan sinar wajah-Mu,
Sela

² supaya jalan-Mu diketahui di bumi ini,
penyelamatan-Mu diisytiharkan kepada
semua bangsa.

³ Biar umat memuji-Mu, ya Allah;
biar semua umat memuji-Mu.

⁴ Biar bangsa-bangsa bersukacita dan menyanyi
kegirangan,
kerana Engkau akan menghakimi manusia
dengan adil
dan memerintah bangsa-bangsa di bumi.

Sela

⁵ Biar umat memuji-Mu, ya Allah;
biar semua umat memuji-Mu.

⁶ Maka bumi akan bertambah subur,
Allah, Allah kita, akan memberkati kita.

⁷ Allah akan memberkati kita,
dan setiap pelosok bumi akan takut
kepada-Nya.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud. Sebuah nyanyian.

68 ¹ Semoga Allah bangkit, semoga
musuh-Nya bertempiran;
semoga semua yang membenci-Nya lari
daripada-Nya.

² Seperti angin meniup asap,
Ya Allah usirkan mereka;
seperti lilin dilebur oleh api,
semoga orang zalim binasa di hadapan Allah.

³ Biar orang yang benar bersukacita;
biar mereka bergembira di hadapan Allah;
ya, biar mereka bergembira tidak terhingga.

⁴ Menyanyilah untuk Allah, nyanyikan pujian
untuk nama-Nya,
sanjungi Dia yang memerintah awan –
nama-Nya Tuhan –
bergembiralah di hadirat-Nya.

⁵ Dialah bapa kepada anak yatim, pelindung
kepada balu,
Dialah Allah di tempat bersemayam-Nya yang
suci.

⁶ Allah meletakkan mereka yang sebatang kara
dalam lingkungan keluarga,

Dia melepaskan mereka yang terikat
dan memberi mereka kemakmuran;
tetapi orang yang memberontak
akan menetap di tanah tandus.

⁷ Ya Allah, apabila Engkau memimpin umat-Mu,
Engkau menyeberangi gurun, **Sela**

⁸ bumi bergempa, langit menurunkan hujan
kerana kehadiran Allah,
Sinai terharu dengan kedatangan Allah, Allah
Israel.

⁹ Engkau, ya Allah, menghantar hujan lebat;
untuk mengesahkan warisan pusaka-Mu,
umat-Mu yang lesu menderita.

¹⁰ Umat-Mu tinggal di situ,
Engkau, ya Allah, memberi rahmat-Mu kepada
mereka yang miskin melarat.

¹¹ Tuhan menurunkan firman,
maka sungguh besar perhimpunan orang yang
mengisyiharkannya:

¹² "Raja-raja yang memimpin tentera melarikan
diri, mereka lari;
kaum perempuan di rumah membahagikan
rampasan.

¹³ Walaupun engkau baring di antara kawanan
domba,
engkau seperti sayap merpati disalut perak,

dan bulunya disalut emas tulen.”

¹⁴ Ketika Allah Yang Maha Kuasa mengusir
raja-raja bertempiran,
kelihatan seputih salji di Zalmon.

¹⁵ Gunung Basan sebuah gunung Allah;
Gunung Basan banyak puncaknya.

¹⁶ Mengapa kamu iri hati, hai gunung-gunung
yang berpuncak banyak?

Allah memilih gunung ini untuk kediaman-Nya,
ya, Tuhan akan berada di sini selama-lamanya.

¹⁷ Allah memiliki dua puluh ribu pedati malah
ribuan ribu;

datangnya Tuhan ke Sinai, ke tempat suci.

¹⁸ Engkau telah naik ke tempat yang tinggi,
Engkau membawa orang tawanan;

Engkau menerima persembahan dalam
kalangan manusia,

malah daripada pemberontak –

supaya Tuhan Allah akan tinggal di sana.

¹⁹ Segala puji bagi Tuhan, Allah Penyelamat kita,
yang setiap hari memikul beban kita. **Sela**

²⁰ Allah kita, Allah Penyelamat;

dan daripada Allah, Tuhan ada kebebasan
daripada kematian.

²¹ Tetapi Allah akan mencederakan kepala
musuh-Nya,

mereka yang terus melakukan dosa.

²² Tuhan telah berfirman, “Aku akan membawa mereka pulang dari Basan;

Aku akan membawa mereka pulang dari lautan dalam,

²³ supaya kakimu dapat meremukkan mereka dalam lumuran darah,

dan anjingmu menjilat habuannya daripada musuhmu.”

²⁴ Mereka telah melihat perarakan-Mu, ya Allah, perarakan Allahku, Rajaku ke khemah-Mu.

²⁵ Para biduan berjalan di hadapan, pemain alat muzik di belakang;

antara mereka gadis-gadis bermain tamborin.

²⁶ Pujilah Allah dalam semua perhimpunan; pujilah Tuhan wahai umat daripada perhimpunan Israel.

²⁷ Suku Benyamin yang terkecil berjalan dahulu, diikuti ketua-ketua Yehuda dan pengikut mereka,

kemudian ketua-ketua Zebulon dan Naftali.

²⁸ Allahmu telah memerintahkan supaya kami diberi kekuatan;

Kukuhkanlah, ya Allah, segala yang telah Kaulakukan;

segala yang telah Kaulakukan untuk kami.

²⁹ Kerana Bait Suci-Mu di Yerusalem

raja-raja membawa persembahan untuk-Mu.
³⁰ Murkailah bangsa yang seperti binatang liar
di rumput air,
dan bangsa-bangsa yang seperti lembu jantan
bersama anak-anaknya.
Sehingga semuanya tunduk
mempersembahkan perak kepada-
Mu.
Usirlah pencinta perang sehingga bertempiran.
³¹ Para utusan akan dihantar dari Mesir;
Kush akan segera menghulur tangan kepada
Allah.
³² Bernyanyilah untuk Allah, hai kerajaan-
kerajaan di bumi,
nyanyikan puji-pujian kepada Tuhan, **Sela**
³³ kepada Dia pemerintah langit purba tertinggi,
sesungguhnya Dia berfirman dengan penuh
kekuasaan.
³⁴ Isytiharkan kekuatan Allah,
keunggulan-Nya memerintah Israel,
dan kekuatan-Nya di angkasa.
³⁵ Ya Allah, Engkau lebih menakjubkan daripada
tempat-tempat suci-Mu;
Allah Israel memberi kekuatan dan
kekuasaan kepada umat-Nya.
Segala puji bagi Allah!

**Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu
"Bunga Bakung." Mazmur Daud.**

- 69** ¹ Selamatkanlah aku, ya Allah,
kerana air sudah naik ke leherku.
- ² Aku tenggelam dalam air lumpur yang dalam,
aku tidak dapat berjejak.
Aku telah masuk ke air yang dalam;
dan aku hampir lemas.
- ³ Aku lesu meratap; kerongkongku kering.
Mataku kelam, menanti Allahku.
- ⁴ Mereka yang membenciku tanpa alasan lebih
banyak daripada rambut di kepalaku;
mereka yang hendak membinasakan aku amat
berkuasa,
mereka memusuhiku sedangkan aku tidak
bersalah.
Meski aku tidak mencuri apa-apa aku dipaksa
membayar.
- ⁵ Ya Allah, Engkau mengetahui kebodohanku;
dan dosa-dosaku tidak tersembunyi
daripada-Mu.
- ⁶ Jangan biarkan orang yang menanti-Mu
menanggung malu keranaku,
Ya Tuhan, Allah alam semesta;
jangan biarkan mereka yang mencari-Mu
menjadi kelam-kabut keranaku,

Ya Allah Israel.

⁷ Kerana-Mu aku telah menerima celaan,
keajiban telah menyaluti mukaku.

⁸ Aku telah menjadi orang asing kepada
saudara-saudaraku,
orang luar kepada anak-anak ibuku;

⁹ kerana kasihku terhadap rumah-Mu
membakar hatiku,

lalu segala celaan daripada mereka yang
mencela-Mu telah menimpaku.

¹⁰ Apabila aku menangis dan membersihkan
jiwaku dengan berpuasa,
aku dicela kerananya;

¹¹ ketika aku mengenakan pakaian penyesalan
dosa, mereka mengejek aku.

¹² Orang yang duduk di pintu pagar mengumpat
aku,

dan aku menjadi bahan nyanyian orang mabuk.

¹³ Tetapi aku tetap berdoa kepada-Mu, ya
Tuhan,

pada masa yang Kauredai;

Ya Allah, dengan limpah kasih-Mu,
dengarlah rayuanku demi kebenaran
penyelamatan-Mu.

¹⁴ Selamatkanlah aku daripada perangkap
lumpur,

jangan biarkan aku tenggelam;
selamatkan aku daripada mereka yang
membenciku,
dan daripada air yang dalam.

¹⁵ Jangan biarkan ombak melemaskan aku
jangan biarkan aku terbenam ke dasar laut
atau lubang kubur menelanku.

¹⁶ Dengarlah rayuanku, ya Tuhan, kerana
kasih-Mu sungguh besar;
berpalinglah kepadaku demi limpah belas
kasihan-Mu.

¹⁷ Jangan sembunyikan wajah-Mu daripada
hamba-Mu;
kerana aku dalam kesusahan, segeralah
kabulkan doaku.

¹⁸ Dekatilah aku, selamatkan aku;
lepaskan aku daripada musuhku.

¹⁹ Engkau tahu bagaimana aku dicela,
dimalukan dan dihina;
musuhku semuanya berada di hadapan-Mu.

²⁰ Celaan mematahkan hatiku
dan aku menanggung kepiluan;
kucari orang yang kasihan, tiada seorang pun
kutemui,
kucari orang yang melipurkan, tidak kujumpai.

- ²¹ Mereka memberi aku hempedu untuk dimakan dan apabila aku dahaga, mereka memberiku cuka untuk diminum.
- ²² Biarlah mereka terjerat oleh jamuan sendiri; dan terperangkap oleh kesenangan sendiri.
- ²³ Kelamlah mata mereka, supaya mereka buta, dan biarlah pinggang mereka lemah menggeletar.
- ²⁴ Curahkan kemurkaan-Mu ke atas mereka; dan biarkan keberangan-Mu memusnahkan mereka.
- ²⁵ Biar tempat tinggal mereka lengang dan sepi; dan khemah-khemah mereka tiada penghuni.
- ²⁶ Kerana mereka menganiaya orang yang telah Kauhukum dan memperkatakan kesedihan orang yang telah Kaulukakan.
- ²⁷ Tambahkan lagi kejahatan mereka; jangan biarkan mereka menyertai penyelamatan-Mu.
- ²⁸ Biar mereka dipadamkan daripada buku orang yang hidup dan tidak tersurat bersama orang yang benar.

69:21: Mat 27:48; Mrk 15:36; Luk 23:26; Yoh 19:28,29.

69:22: Rm 11:9,10. **69:25:** Kis 1:20.

69:28: Kel 32:32; Why 3:5; 13:8; 17:8.

- ²⁹ Aku daif dan hiba;
selamatkanlah aku, ya Allah,
supaya aku dilindungi.
- ³⁰ Aku akan memuji nama Allah dengan
nyanyian
dan membesarkan-Nya dengan lafaz
kesyukuran.
- ³¹ Ini akan mendapat keredaan Tuhan lebih
daripada persembahan korban lembu
jantan,
yang bertanduk dan berkuku.
- ³² Orang yang rendah hati akan melihatnya dan
bersukacita –
dan kamu yang mencari Allah, hatimu akan
pulih!
- ³³ Kerana Tuhan mendengar rayuan orang
miskin
dan tidak menyingkiri umat-Nya yang
dipenjarakan.
- ³⁴ Biar langit dan bumi memuji-Nya,
begitu juga lautan dan segala hidupan di
dalamnya,
- ³⁵ kerana Allah akan menyelamatkan Sion
dan membina semula kota-kota Yehuda.
Supaya umat-Nya tinggal di sana dan
memilikinya;
- ³⁶ keturunan hamba-hamba-Nya akan mewarisi
tempat itu,

dan mereka yang mengasihi nama-Nya akan tinggal di situ.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur rayuan Daud.

70 ¹ Segeralah, ya Allah, selamatkan aku;
Ya Tuhan, segeralah tolong aku.

² Biar mereka dimalukan dan dikelirukan,
mereka yang ingin meragut nyawaku;
biar mereka berundur dan menanggung aib,
mereka yang hendak memusnahkan aku.

³ Biar mereka berundur kerana malu,
mereka yang mengejekku, “Aha! Aha!”

⁴ Biar semua yang mencari-Mu
bergembira dan bersukacita kerana-Mu;
dan biar mereka yang cinta akan penyelamatan-
Mu berkata sentiasa,
“Allah Maha Tinggi!”

⁵ Aku miskin dan sesak;
segeralah datang, ya Allah.
Engkaulah penolong dan penyelamatku;
janganlah berlengah-lengah, ya Tuhan.

Doa minta tolong.

71 ¹ Kepada-Mu, ya Tuhan, aku berlindung;
jangan biarkan aku menanggung malu.

- ² Selamatkanlah aku dalam perbenaran-Mu^r
dan biar aku melepaskan diri;
dengarlah rayuanku, dan selamatkan aku.
- ³ Jadilah batu pejal perlunganku yang
perkasa,
tempat aku bernaung setiap waktu;
Engkau telah memberikan perintah supaya aku
diselamatkan,
kerana Engkaulah batu pejal dan kubuku.
- ⁴ Selamatkanlah aku, ya Allahku, daripada
tangan orang zalim,
daripada tangan orang durjana dan kejam.
- ⁵ Kerana Engkaulah harapanku, ya Tuhan yang
perkasa;
Ya Tuhan, Engkaulah kepercayaanku sejak
daripada usia mudaku.
- ⁶ Kepada-Mu aku bersandar sejak kelahiran;
Engkaulah yang membawaku keluar daripada
rahim ibuku.
Aku akan sentiasa memuji-Mu.
- ⁷ Aku telah menimbulkan takjub orang ramai,
tetapi Engkau pelindungku yang perkasa.
- ⁸ Biarlah aku sentiasa memuji-Mu,
dan mengisytiharkan kemuliaan-Mu
sepanjang hari.

^r**71:2** Rangkaian kata “Perbenaran-Mu” yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, “tsedaqah” merangkumi maksud kehendak Tuhan serta sifat-Nya yang benar, baik dan adil.

- ⁹ Janganlah singkirkan aku dalam usia tua;
jangan tinggalkan aku ketika kekuatanku
hilang.
- ¹⁰ Kerana musuhku mencerca aku;
dan mereka yang mengendap untuk meragut
nyawaku berpakat sama sendiri.
- ¹¹ Mereka berkata, "Allah telah meninggalkan
dia;
buru dan tangkaplah dia,
kerana tiada siapa yang akan
menyelamatkannya."
- ¹² Ya Allah, janganlah jauh daripadaku; Ya
Allahku, segeralah tolong aku.
- ¹³ Biar mereka dicela dan dihina;
mereka yang cuba mencederakan aku akan
dihina dan diaibkan.
- ¹⁴ Aku akan sentiasa berharap;
dan akan lebih-lebih lagi memuji-Mu.
- ¹⁵ Lidahku akan menuturkan perbenaran-Mu,
dan penyelamatan-Mu sepanjang hari,
meski aku tidak dapat menduga batas-batasnya.
- ¹⁶ Aku akan mengisytiharkan perbuatan-Mu, ya
Tuhan Allah yang perkasa;
aku akan menyebut perbenaran-Mu, yang
hanya milik-Mu.
- ¹⁷ Ya Allah, Engkau telah mengajarku sejak
daripada usia mudaku,

dan hingga hari ini aku tetap mengisytiharkan
perbuatan-Mu yang menakjubkan.

¹⁸ Kini aku sudah tua dan rambutku putih,
Ya Allah, jangan tinggalkan aku,
kuisytiharkan kuasa-Mu kepada orang zaman
ini,
kekuatan-Mu kepada semua keturunan yang
akan datang.

¹⁹ Perbenaran-Mu,⁵ ya Allah, mencecah langit,
Engkau telah membuat perkara yang
besar-besar.

Ya Allah, siapa yang serupa dengan-Mu?

²⁰ Engkau yang telah memberiku penderitaan
yang pedih,
Engkau akan memulihkan aku;
dan membawaku naik semula dari perut
bumi.

²¹ Engkau akan menambah kebesaranku
dan melipurkan hatiku sepenuhnya.

²² Dengan kecapi aku akan memuji-Mu
bagi kesetiaan-Mu, ya Allahku;
Untuk-Mu aku akan menyanyi sambil bermain
kecapi,
Ya Allah Israel, ya Allah Yang Maha Suci.

⁵**71:19** “Perbenaran-Mu” juga merangkumi maksud keadilan-Mu.

- ²³ Bibirku bergembira menyanyi untuk-Mu – begitu juga jiwaku yang telah Kauselamatkan.
- ²⁴ Lidahku akan menuturkan kebenaran-Mu sepanjang hari, kerana mereka telah dikelirukan dan mereka telah dimalukan, mereka yang cuba mencederakan aku.

Mazmur Salomo.

- 72** ¹ Berikanlah penghakiman-Mu, ya Allah, kepada raja, dan perbenaran-Mu^t kepada anak raja.
- ² Dia akan menghakimi umat-Mu dengan adil, dan orang miskin-Mu dengan saksama.
- ³ Gunung-ganang akan membawa kesejahteraan kepada umat, dan bukit membawa hasil kebenaran.^u
- ⁴ Dia akan membawa keadilan kepada umat yang miskin, Dia akan menyelamatkan anak-anak sesak; dan akan menghancurkan penindas.
- ⁵ Mereka akan takut kepada-Mu, selagi ada matahari dan bulan, turun-temurun zaman-berzaman.

^t**72:1** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak Tuhan serta sifat-Nya yang benar, baik dan adil.

^u**72:3** Atau: Keadilan.

- ⁶ Dia akan turun seperti hujan ke atas rumput sebelum ditebas, seperti hujan yang mengairi bumi.
- ⁷ Dalam pemerintahan-Nya orang yang benar akan makmur; dan kesejahteraan penuh melimpah selagi bulan bercahaya.
- ⁸ Dia akan berkuasa dari laut ke laut dan dari Sungai Efrat ke hujung bumi.
- ⁹ Mereka yang tinggal di gurun akan tunduk kepada-Nya dan semua musuh-Nya akan menjilat debu.
- ¹⁰ Raja-raja Tarsis dan kepulauan akan membawa persembahan; Raja-raja Sheba dan Seba akan membawa persembahan.
- ¹¹ Ya, semua raja akan sujud di hadapan-Nya, semua bangsa akan melayani-Nya.
- ¹² Kerana Dia akan menolong orang sesak yang berseru kepada-Nya, dan orang yang menderita, serta mereka yang tidak ada penolong.
- ¹³ Dia akan mengasihani orang yang miskin dan memerlukan bantuan, Dia akan menyelamatkan orang yang perlu diselamatkan.

¹⁴ Dia akan membebaskan hidup mereka
daripada penindasan dan keganasan,
dan darah mereka amat berharga bagi-Nya.

¹⁵ Dia akan hidup kekal!
Emas dari Syeba akan dipersembahkan
kepada-Nya.

Orang akan sentiasa menyembah-Nya dan
berdoa kepada-Nya
dan setiap hari Dia akan diberkati.

¹⁶ Tanaman biji-bijian akan subur dan makmur;
hingga ke puncak gunung.

Buahnya melambai-lambai seperti di Lebanon;
dan penduduk kota akan bertambah seperti
rumput di bumi.

¹⁷ Nama-Nya akan kekal selama-lamanya;
nama-Nya akan kekal selagi ada matahari.

Manusia akan diberkati kerana-Nya,
semua bangsa akan memuji-Nya.

¹⁸ Segala puji bagi Tuhan, ya Allah Israel,
hanya Dia yang melakukan perbuatan yang
menakjubkan.

¹⁹ Segala puji bagi nama-Nya untuk selama-
lamanya;

semoga seluruh bumi dipenuhi dengan
kemuliaan-Nya.

Amin, Amin.

²⁰ Sekian doa Daud anak Isai.

Jilid III: 73 – 89**Mazmur Asaf.**

- 73** ¹ Sesungguhnya, Allah baik kepada Israel,
kepada mereka yang murni hati.
- ² Tetapi aku, kakiku hampir tersandung;
langkahku hampir tergelincir.
- ³ Kerana aku iri hati kepada mereka yang
bermegah apabila kulihat kemewahan
orang zalim.
- ⁴ Mereka tidak sakit sebelum mati;
kekuatan mereka tetap teguh.
- ⁵ Mereka tidak susah seperti orang lain;
mereka tidak dirundung bencana seperti
orang lain.
- ⁶ Oleh itu, mereka berkalungkan keangkuhan;
keganasan menjadi pakaian mereka.
- ⁷ Hati mereka yang kejam penuh kejahatan;
fikiran mereka yang durjana melampaui segala
batas.
- ⁸ Mereka mencemuh orang dan merancang
kejahatan serta penindasan;
mereka bercakap sombong.
- ⁹ Mulut mereka lancang menentang syurga,
lidah mereka bercakap bongkak kepada seisi
bumi.
- ¹⁰ Maka orang mereka pulang ke sini

- dan air secawan penuh habis dihirup mereka.
- ¹¹ Lalu mereka berkata, “Bagaimana Allah tahu? Adakah Yang Maha Tinggi mempunyai pengetahuan?”
- ¹² Ketahuilah, mereka ini orang mungkar – yang sentiasa senang-lenang, mereka semakin kaya.
- ¹³ Sesungguhnya, aku telah menyucikan hatiku dengan sia-sia;
dan membasuh tanganku dengan hati yang bersih.
- ¹⁴ Kerana sepanjang hari aku disakiti;
dan dihukum setiap pagi.
- ¹⁵ Kalaulah aku telah berkata, “Aku akan bercakap begini,”
ketahuilah, ertinya aku tidak jujur kepada keturunan anak-anak-Mu.
- ¹⁶ Apabila aku memikirkan bagaimana hendak memahami ini,
terlalu pedih bagiku
- ¹⁷ hingga aku masuk ke tempat suci Allah;
barulah aku mengerti tujuan mereka.
- ¹⁸ Sesungguhnya, Engkau membawa mereka ke tempat-tempat licin;
Engkau menghumbankan mereka ke dalam kemusnahan.

- ¹⁹ Oh, betapa mereka ditimpa malapetaka,
seperti dalam sekelip mata, mereka
ketakutan!
- ²⁰ Seperti mimpi apabila seseorang terjaga,
demikianlah, ya Tuhan, apabila Engkau terjaga,
Engkau akan meluat akan bentuk mereka.
- ²¹ Oleh itu, hatiku pilu dan fikiranku risau,
²² Aku begitu bodoh dan jahil;
aku seperti seekor binatang di hadirat-Mu.
- ²³ Namun demikian, aku sentiasa bersama-Mu;
Engkau memegang tangan kananku.
- ²⁴ Engkau akan memandu aku dengan
bimbingan-Mu,
dan kemudian menerimaku ke dalam
kemuliaan.
- ²⁵ Siapa yang ada untukku di syurga melainkan
Engkau?
dan tiada siapa di bumi yang kuingini selain
Engkau.
- ²⁶ Tubuh dan hatiku layu,
tetapi Allah kekuatan hatiku dan untukku
selama-lamanya.
- ²⁷ Kerana sesungguhnya, mereka yang jauh
daripada-Mu akan binasa;
Engkau telah memusnahkan kesemua mereka
yang meninggalkan-Mu untuk melacurkan
diri.
- ²⁸ Tetapi sungguh baik bagiku mendekati Allah.

Aku telah menjadikan Tuhan Allah tempat aku
bernaung;
supaya aku dapat mengisytiharkan semua hasil
kerja-Mu.

Renungan Asaf.

74 ¹ Ya Allah, mengapakah Engkau
menyingkirkan kami untuk selama-
lamanya?

Mengapakah kemurkaan-Mu berasap terhadap
domba di padang-Mu?

² Ingatlah jemaah-Mu yang telah Kaubeli
dahulu,

suku warisan-Mu, yang telah Kautebus –
Bukit Sion ini, yang telah Kaudiami.

³ Angkatlah kaki-Mu kepada malapetaka yang
berterusan,
musuh telah merosakkan segala-galanya di
tempat suci.

⁴ Musuh-Mu mengganas di tempat
perhimpunan-Mu;
mereka mengibarkan panji-panji sebagai
tanda.

⁵ Mereka kelihatan seperti orang yang
mengangkat kapak di celah pohon-pohon
redang.

⁶ Dan sekarang mereka meruntuhkan ukirannya
dengan kapak dan tukul.

⁷ Mereka telah membakar tempat suci-Mu;

mereka telah mencemarkan tempat
kediaman nama-Mu ke bumi.

⁸ Mereka berkata dalam hati, “Mari kita
musnahkan semuanya!”

Mereka telah membakar semua tempat
perhimpunan Allah di tanah ini.

⁹ Kami tidak melihat tanda-tanda kami;
tidak ada lagi nabi,
dan tiada siapa antara kami yang tahu berapa
lama.

¹⁰ Ya Allah, berapa lamakah seteru akan
mencela?

Adakah musuh akan mengkufuri nama-Mu
selama-lamanya?

¹¹ Mengapakah Engkau menarik balik
tangan-Mu, ya, tangan kanan-Mu?
Keluarkanlah tangan-Mu dari dada-Mu dan
musnahkan mereka!

¹² Kerana Allah ialah Rajaku dari dahulu;
menjalankan penyelamatan di tengah-tengah
bumi.

¹³ Engkau telah membelah laut dengan
kekuatan-Mu;
Engkau telah meremukkan kepala ular-ular laut
di perairan.

- ¹⁴ Engkau telah meremukkan kepala-kepala
Lewiatan
dan memberikan sebagai makanan kepada
orang yang tinggal di gurun.
- ¹⁵ Engkau telah membukakan pancuran dan
banjir;
Engkau telah mengeringkan sungai-sungai
besar.
- ¹⁶ Siang milik-Mu, malam juga milik-Mu;
Engkau telah menyediakan cahaya dan
matahari.
- ¹⁷ Engkau telah meletakkan semua sempadan
bumi;
Engkau telah menjadikan musim panas dan
musim dingin.
- ¹⁸ Ingatlah ini, bahawa musuh telah mencela,
ya Tuhan,
dan kaum yang bodoh telah mengkufuri
nama-Mu.
- ¹⁹ Janganlah serahkan nyawa merpati-Mu
kepada binatang ganas;
janganlah lupakan kehidupan makhluk-Mu
yang miskin selama-lamanya.
- ²⁰ Fikirkanlah perjanjian,
kerana tempat-tempat gelap di bumi penuh
dengan sarang kekejaman.

²¹ Janganlah biarkan orang yang tertindas pulang menanggung malu; biarlah orang yang miskin dan sesak memuji nama-Mu.

²² Bangkitlah, ya Allah, tegakkanlah perjuangan-Mu sendiri; ingatlah betapa orang bodoh mencela-Mu setiap hari.

²³ Janganlah lupakan suara musuh-Mu, hiruk-pikuk mereka, yang bangkit menentang-Mu semakin bertambah.

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu “Jangan Musnahkan.” Mazmur Asaf. Sebuah nyanyian.

75 ¹ Kami mengucap syukur kepada-Mu, ya Allah, kami mengucap syukur, kerana hasil kerja-Mu yang menakjubkan;

mengisytiharkan bahawa nama-Mu dekat.

² Engkau berkata, “Apabila Aku memilih masa yang wajar;

Aku akan menghakimi dengan adil.

³ Bumi dan semua penghuninya dilarutkan, aku memacakkan tiang-tiang cukup teguh.

Sela

⁴ Aku telah berfirman kepada orang yang angkuh, ‘Janganlah melakukan sesuatu dengan cakap besar,’

dan kepada orang zalim, 'Janganlah mengangkat tanduk.

⁵ Janganlah mengangkat tandukmu tinggi-tinggi;

janganlah bercakap dengan bertegang urat leher.' "

⁶ Kerana peninggian tidak datang dari timur atau dari barat ataupun dari selatan.

⁷ Tetapi Allah yang menjadi hakim:

Dia menurunkan seseorang dan meninggikan orang lain.

⁸ Kerana di tangan Tuhan ada cawan dan air anggur-Nya merah;

sudah cukup dibancuh, lalu Dia menuangkannya,

sesungguhnya semua orang zalim di bumi akan meneguknya sampai habis setiap titik.

⁹ Tetapi aku akan mengisytiharkannya untuk selama-lamanya;

aku akan menyanyikan pujian kepada Allah Yakub.

¹⁰ Semua tanduk orang zalim akan dipotong-Nya,

tetapi tanduk orang yang benar akan ditinggikan.

Untuk pemimpin muzik. Dengan alat-alat bertali. Mazmur Asaf. Sebuah nyanyian.

76 ¹ Di Yehuda Allah dikenali;
nama-Nya besar di Israel.

² Di Salem juga terletak khemah-Nya,
dan tempat kediaman-Nya di Sion.

³ Di sana Dia telah mematahkan anak-anak
panah busur,
perisai dan pedang pertempuran. **Sela**

⁴ Engkau lebih mulia dan unggul,
daripada gunung-gunung haiwan buruan.

⁵ Mereka yang perkasa telah dirampas
barangnya,

mereka telah terlelap dalam tidur terakhir;
Tiada seorang pun orang yang gagah dapat
menggunakan tangannya lagi.

⁶ Apabila Kaumarahi, ya Allah Yakub,
pedati dan kuda tidur mati.

⁷ Engkau, Engkaulah, yang ditakuti.

Siapa sanggup berdiri di hadirat-Mu apabila
Engkau murka?

⁸ Engkau memperdengarkan penghakiman dari
syurga,

bumi ketakutan lalu diam –

⁹ apabila Allah bangkit membuat penghakiman,
untuk melepaskan semua yang tertindas di
bumi. **Sela**

¹⁰ Sesungguhnya, kemarahan manusia akan
mendatangkan puji untuk-Mu,
mereka yang terselamat daripada kemarahan
itu akan menyanjung kebesaran-Mu.

¹¹ Berjanjilah kepada Tuhan, Allahmu dan
tunaikan janji itu;
biarlah semua sekeliling-Nya membawa
persembahan kepada Dia yang patut
ditakuti.

¹² Dia akan menundukkan semangat raja-raja;
Dia mengagumkan raja-raja di bumi.

Untuk pemimpin muzik.

Untuk Yedutun. Mazmur Asaf.

77 ¹ Aku telah berseru kepada Allah dengan
suaraku;
kepada Allah dengan suaraku dan Dia
mendengarku.

² Pada masa kesusahan kucari Tuhan;
tangan kutadahkan sepanjang malam jiwaku
enggan dilipurkan.

³ Aku ingat akan Allah, dan berasa rusuh;
aku mengadu, dan semangatku tertekan.

Sela

⁴ Engkau mencekang kelopak mataku;
aku rusuh sehingga tidak dapat berkata-kata.

⁵ Aku telah memikirkan masa silam,
tahun-tahun zaman dahulu;

⁶ Aku mengingat kembali nyanyianku sewaktu malam.

Aku merenung dalam hati dan rohku tekun mencari:

⁷ Adakah Tuhan akan menyingkiri selamanya?

Dan tidakkah Dia berkenan lagi?

⁸ Sudah berakhirkah kasih setia-Nya untuk selamanya?

Sudah batalkah janji-Nya untuk selamanya?

⁹ Sudah lupakah Allah bersikap penuh belas kasihan?

Dalam kemurkaan-Nya sudahkah ditutup-Nya belas kasih-Nya? **Sela**

¹⁰ Maka aku berkata, "Inilah kekhuatiranku: tetapi aku akan mengingat tahun-tahun tangan kanan Yang Maha Tinggi."

¹¹ Aku akan mengingat kerja Tuhan; sesungguhnya aku akan mengingat keajaiban yang Kaulakukan dahulu.

¹² Aku juga akan merenung segala hasil kerja-Mu dan bercakap tentang perbuatan-Mu.

¹³ Jalan-Mu, ya Allah, dalam tempat suci-Mu. Siapakah tuhan yang sama besar dengan Tuhan kita?

¹⁴ Engkau Allah yang melakukan keajaiban;

Engkau telah mengisytiharkan kekuatan-Mu
dalam kalangan umat-Mu.

¹⁵ Dengan tangan-Mu Engkau telah menebus
umat-Mu,

anak-anak Yakub dan Yusuf. **Sela**

¹⁶ Perairan telah melihat-Mu, ya Allah,
perairan melihat-Mu lalu berasa takut;
bahagian lautan dalam juga gementar.

¹⁷ Awan mencurahkan air,
langit menghantar bunyi; anak-anak panah-
Mu memancar sabung-menyabung.

¹⁸ Suara guruh-Mu dalam angin puting-beliung,
api menerangi dunia;
bumi bergegar dan bergempa.

¹⁹ Jalan-Mu di laut, lorong-Mu di perairan luas,
dan jejak langkah-Mu tidak dikenali.

²⁰ Engkau membimbing umat-Mu seperti
sekawan domba dengan tangan Musa dan
Harun.

Renungan Asaf.

78 ¹ Dengarlah hai umatku, ajaran tentang
hukum;
pasang telingamu untuk mendengar
kata-kataku.

² Aku akan membuka mulut menggunakan
ibarat;

- aku akan menuturkan kata-kata zaman dahulu yang penuh rahsia –
- ³ yang telah kita dengar dan ketahui, dan telah disampaikan oleh nenek moyang kita.
- ⁴ Kita tidak akan merahsiakannya daripada anak cucu mereka; kita akan memberitahu keturunan yang akan datang tentang pujian untuk Tuhan, dan kekuatan-Nya, serta hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan.
- ⁵ Kerana Dia telah menetapkan peraturan pada Yakub dan mengadakan hukum baru bagi Israel, yang diperintahkan-Nya kepada nenek moyang kita supaya diberitahu kepada anak-anak mereka,
- ⁶ agar keturunan akan datang mengetahuinya, anak-anak yang bakal lahir, dan mereka akan bangkit mengisytiharkannya kepada anak-anak mereka.
- ⁷ Dengan demikian mereka akan menyandarkan harapan kepada Allah dan tidak melupakan hasil kerja Allah serta mematuhi perintah-perintah-Nya.
- ⁸ Maka tidaklah mereka menjadi seperti nenek moyang mereka –

keturunan yang degil dan memberontak,
Keturunan yang tidak membetulkan hatinya,
dan yang rohnya tidak setia kepada Allah.

⁹ Kaum Efraim yang bersenjatakan panah,
berundur pada hari pertempuran;

¹⁰ mereka tidak berpegang kepada perjanjian
Allah;
mereka tidak mahu hidup mengikut
hukum-Nya.

¹¹ Dan melupakan hasil kerja-Nya,
serta keajaiban yang telah ditunjukkan-Nya
kepada mereka.

¹² Perbuatan yang menakjubkan telah
dilakukan-Nya di hadapan nenek moyang
mereka di Tanah Mesir, di padang Zoan.

¹³ Dia telah membelah laut dan membolehkan
mereka menyeberanginya;
Dia menegakkan air seperti tembok.

¹⁴ Pada waktu siang Dia memandu mereka
dengan awan dan sepanjang malam
dengan cahaya api.

¹⁵ Dia membelah batu pejal di gurun
dan memberi mereka minuman sebanyak-
banyaknya air di lautan dalam;

¹⁶ Dia memancarkan air dari batu pejal

78:12: Kel 7:8—12:32. **78:13:** Kel 14:21,22.

78:14: Kel 13:21,22. **78:16:** Kel 17:1-7; Bil 20:2-13.

- dan membuatnya mengalir seperti sungai.
17 Tetapi mereka semakin berdosa terhadap-Nya,
dengan menderhaka terhadap Yang Maha Tinggi di gurun.
18 Dan mereka menguji Allah dalam hati mereka dengan meminta makanan yang diinginkan.
19 Ya, mereka bercakap menentang Allah, mereka berkata,
“Dapatkah Allah menyediakan jamuan di gurun?”
20 Lihatlah, Dia memukul batu pejal supaya air memancut keluar,
dan sungai melimpah.
Dapatkah Dia memberi roti juga?
Dapatkah Dia membekalkan daging kepada umat-Nya?”
21 Tuhan mendengar kata-kata ini lalu murka; maka api dinyalakan menyerang kaum Yakub, dan kemarahan-Nya menimpa kaum Israel,
22 kerana mereka tidak percaya akan Allah, dan tidak yakin akan penyelamatan-Nya.
23 Namun Dia memerintahkan awan dan membuka pintu langit;

- 24 menghujani mereka dengan manna untuk makanan mereka,
dan memberi mereka gandum syurga.
- 25 Manusia makan makanan malaikat;
Dia menghantar mereka makanan melimpah-limpah.
- 26 Dia meniupkan angin timur di langit dan dengan kuasa-Nya membawakan angin selatan.
- 27 Dia juga menghujani mereka dengan daging sebanyak debu,
burung sebanyak pasir di tepi laut.
- 28 Dia menjatuhkan semua itu di tengah-tengah perkhemahan mereka,
di sekeliling tempat tinggal mereka.
- 29 Lalu mereka makan sekenyang-kenyangannya,
kerana Dia memberikan kehendak mereka.
- 30 Keinginan mereka tidak dipuaskan,
ketika makanan masih di dalam mulut mereka,
- 31 Kemurkaan Allah menimpa mereka;
meragut nyawa yang paling gagah antara mereka, dan menumpangkan orang Israel yang paling istimewa.
- 32 Namun demikian mereka terus berbuat dosa;
dan tidak percaya akan mukjizat-Nya.

- 33 Oleh itu, Dia menjadikan hidup mereka
sia-sia
dan sepanjang usia mereka dalam ketakutan.
- 34 Apabila Dia membunuh sebilangan mereka,
maka mereka berpaling kepada-Nya;
mereka kembali mencari Allah dengan
bersungguh-sungguh.
- 35 Ketika itu mereka ingat bahawa Allah Batu
Pejal mereka,
dan Allah Yang Maha Tinggi Penebus mereka.
- 36 Tetapi mulut mereka memberi-Nya puji
palsu,
dan lidah mereka berdusta kepada-Nya;
- 37 kerana hati mereka tidak teguh kepada-Nya,
dan mereka tidak setia kepada perjanjian
dengan-Nya.
- 38 Namun Dia, yang penuh belas kasihan;
mengampunkan dosa mereka dan tidak
memusnahkan mereka.
- Ya, berkali-kali Dia memalingkan kemarahan-
Nya daripada mereka
dan tidak membiarkan kemurkaan-Nya
menyala.
- 39 Kerana Dia ingat bahawa mereka hanyalah
manusia,

sehembus nafas yang berlalu dan tidak muncul lagi.

40 Betapa kerapnya mereka berontak terhadap Dia ketika di gurun dan menyedihkan-Nya semasa di padang pasir!

41 Ya, berkali-kali mereka menduga Allah; dan membatasi Yang Kudus, Allah Israel.

42 Mereka tidak ingat akan kuasa-Nya – hari Dia menyelamatkan mereka daripada musuh,

43 apabila Dia melakukan mukjizat-Nya di Mesir, dan perbuatan-Nya yang menakjubkan di padang Zoan.

44 Menukarkan air sungai mereka menjadi darah, juga anak-anak air mereka; maka mereka tidak dapat minum.

45 Dia menghantar lalat yang banyak untuk memakan mereka, dan katak untuk memusnahkan mereka.

46 Dia menyebabkan tanaman mereka dimakan ulat, dan hasil usaha mereka dimakan belalang.

47 Dia memusnahkan pokok anggur mereka dengan hujan batu

78:44: Kel 7:17-21. **78:45 a:** Kel 8:20-24; **b:** Kel 8:1-6.

78:46: Kel 10:12-15. **78:47:** Kel 9:22-25.

dan pokok-pokok ara mereka dengan air batu.

⁴⁸ Dia membiarkan ternakan mereka mati ditimpa hujan batu,
dan kawanan domba mereka disambar kilat.

⁴⁹ Dia melemparkan kepada mereka kemarahan, kemurkaan, keberangan, dan kesusahan – dengan menghantar para malaikat pemusnah dalam kalangan mereka.

⁵⁰ Dia membuat lorong untuk kemarahan-Nya; Dia tidak mengecualikan jiwa mereka daripada maut tetapi membiarkan wabak penyakit meragut nyawa mereka.

⁵¹ Dan memusnahkan semua anak lelaki sulung orang Mesir,
kekuatan pertama mereka di perkhemahan Ham.

⁵² Tetapi Dia membolehkan umat-Nya pergi seperti domba;
dan memandu mereka di gurun seperti satu kawanan.

⁵³ Dan Dia memandu mereka dengan selamat,
maka mereka tidak takut;

78:51: Kel 12:29. **78:52:** Kel 13:17-22.

78:53: Kel 14:26-28.

sedangkan laut menenggelamkan musuh mereka.

⁵⁴ Lalu Dia membawa mereka ke sempadan-Nya yang suci,

gunung ini yang telah diambil-Nya dengan tangan kanan-Nya.

⁵⁵ Dia mengusir bangsa-bangsa dari tempat yang didatangi umat-Nya

dan membahagikan tanah sebagai warisan pusaka mereka;

serta menyuruh suku-suku Israel tinggal di khemah mereka.

⁵⁶ Namun demikian, mereka berontak dan menguji Allah Yang Maha Tinggi; dan tidak mematuhi peraturan-Nya.

⁵⁷ Mereka berpaling tadah dan berkelakuan tidak setia seperti nenek moyang mereka, mereka menyeleweng seperti busur yang bengkok.

⁵⁸ Mereka membuat Dia marah dengan bukit-bukit pemujaan;

dan membuat Dia cemburu dengan patung-patung yang diukir.

⁵⁹ Apabila Allah mendengarnya, Dia amat murka;

78:54: Kel 15:17; Yos 3:14-17. **78:55:** Yos 11:16-23.

78:56: Hak 2:11-15.

- dan sangat membenci kaum Israel.
- ⁶⁰ Sehingga Dia meninggalkan khemah Silo,
yang telah diletakkan-Nya dalam kalangan
mereka.
- ⁶¹ Dan membiarkan kekuatan-Nya ditawan,
dan kemuliaan-Nya jatuh ke tangan musuh.
- ⁶² Dia membiarkan umat-Nya musnah di hujung
pedang;
Dia amat murka akan warisan-Nya.
- ⁶³ Api membakar pemuda-pemuda mereka,
maka gadis-gadis mereka tidak dijodohkan;
- ⁶⁴ imam-imam mereka gugur di hujung pedang,
dan balu-balu mereka tidak meratap.
- ⁶⁵ Kemudian Tuhan mengejutkan kita daripada
tidur,
seperti seorang gagah yang bertempik
kerana air anggur.
- ⁶⁶ Dan Dia mengusir musuh-Nya;
Dia memalukan mereka selama-lamanya.
- ⁶⁷ Juga Dia menolak khemah Yusuf,
dan tidak memilih suku Efraim;
- ⁶⁸ tetapi memilih suku Yehuda,
Bukit Sion yang dicintai-Nya.
- ⁶⁹ Dan Dia membina tempat suci-Nya seperti di
syurga,

seperti bumi yang telah ditapakkan-Nya untuk selama-lamanya.

⁷⁰ Dia juga memilih Daud hamba-Nya dan mengambilnya dari kawanan domba;

⁷¹ daripada mengikuti domba beranak kecil Allah membawanya

untuk menjadi gembala umat-Nya Yakub, dan warisan-Nya Israel.

⁷² Maka dia menggembalakan mereka menurut keikhlasan hatinya;

dan memandu mereka dengan kemahiran tangannya.

Mazmur Asaf.

79 ¹ Ya Allah, bangsa-bangsa telah merampas warisan pusaka-Mu;

Bait Suci-Mu telah dicemari oleh mereka, mereka telah meruntuhkan Yerusalem.

² Mayat hamba-hamba-Mu telah diberi mereka sebagai makanan burung angkasa, tubuh umat-Mu yang warak dijadikan habuan binatang di bumi.

³ Darah mereka telah ditumpahkan seperti air sekitar Yerusalem, dan tiada siapa yang mengebumikan mereka.

78:70: 1Sam 16:11,12; 2Sam 7:8; 1Taw 17:7.

79:1: 2Raj 25:8-10; 2Taw 36:17-19; Yer 52:12-14.

- ⁴ Kami telah menjadi bahan celaan negeri-negeri jiran,
sasaran bagi cemuhan dan ejekan mereka yang di sekeliling kami.
- ⁵ Berapa lama, ya Tuhan? Akan murkakah Engkau selama-lamanya?
Akan terus menyalakah rasa cemburu-Mu seperti api?
- ⁶ Curahkanlah kemarahan-Mu ke atas bangsa-bangsa yang tidak mengenal-Mu, dan kerajaan-kerajaan yang tidak menyeru nama-Mu;
- ⁷ kerana mereka telah menelan Yakub dan meranapkan tempat kediamannya.
- ⁸ Janganlah ingat akan dosa kami yang silam; segeralah limpahkan belas kasihan-Mu ke atas kami, kerana kami telah dijatuhkan sama sekali.
- ⁹ Tolonglah kami, ya Allah Penyelamat kami, demi kemuliaan nama-Mu;
lepaskan kami serta berilah kami peluang menebus dosa kami demi nama-Mu.
- ¹⁰ Mengapa bangsa-bangsa harus berkata, “Di mana Allah Tuhan mereka?”
Biarlah bangsa-bangsa sekeliling kami mengetahui pembelaan darah hamba-hamba-Mu yang telah ditumpahkan.

¹¹ Biarkan rintihan orang tawanan sampai ke hadirat-Mu;

dengan kebesaran kuasa-Mu peliharalah mereka yang dihukum mati.

¹² Dan balaskan tujuh kali ganda kepada bangsa-bangsa jiran kami yang telah mencela-Mu, ya Tuhan,

¹³ Oleh itu, kami, umat-Mu dan kawanan domba-Mu, akan bersyukur kepada-Mu selama-lamanya; kami akan memuji-Mu turun-temurun.

Untuk pemimpin muzik.

Menurut lagu “Bunga Bakung Perjanjian.” Mazmur Asaf.

80 ¹ Dengarlah, wahai Gembala Israel, Engkau yang telah memandu Yusuf seperti sekawan domba;

Engkau yang tinggal di antara malaikat-malaikat kerubin, limpahkanlah sinar-Mu

² di hadapan suku Efraim, Benyamin, dan Manasye.

Bangkitkanlah kekuatan-Mu; dan datang menyelamatkan kami.

³ Pulihkanlah kami, ya Allah;

pancarkanlah sinar wajah-Mu, maka kami akan selamat!

- ⁴ Ya Tuhan, Allah alam semesta, berapa lama Engkau akan murka dan tidak mendengar doa umat-Mu?
- ⁵ Engkau telah memberi mereka makan roti kesedihan; dan minum beberapa banyak air mata.
- ⁶ Engkau telah membiarkan bangsa-bangsa di sekeliling memerangi kami, dan musuh kami tertawa sesama sendiri.
- ⁷ Pulihkan kami, ya Allah alam semesta; pancarkanlah sinar wajah-Mu, maka kami akan selamat.
- ⁸ Engkau telah membawa pokok anggur keluar dari Mesir; Engkau telah mengusir bangsa-bangsa dan menanam pokok anggur itu.
- ⁹ Engkau menyediakan ruang untuknya, dan membuatnya berakar-umbi memenuhi tanah ini.
- ¹⁰ Bukit-bukau diliputi oleh bayang-bayang, dan pokok-pokok araz yang gagah dengan dahan-dahannya.
- ¹¹ Ia telah menghulurkan dahan-dahannya ke Laut, dan cabang-cabangnya ke Sungai.

- ¹² Mengapakah Engkau memecahkan pagar-pagarnya sehingga semua yang lalu-lalang memetik buahnya?
- ¹³ Babi hutan dari belukar mencabutnya dan binatang liar dari padang memakannya.
- ¹⁴ Kembalilah, kami merayu-Mu, ya Allah alam semesta!
Pandanglah ke bawah dari syurga dan lihatlah!
Lalu lawatlah pokok anggur ini,
- ¹⁵ dan ladang anggur yang telah ditanami tangan kanan-Mu, dan cabang yang Kaujadikan kuat untuk-Mu.
- ¹⁶ Telah dibakar api, telah dipotong; telah binasa akibat kemarahan wajah-Mu.
- ¹⁷ Letakkanlah tangan-Mu di atas orang yang menjadi tangan kanan-Mu, di atas anak manusia yang Kaujadikan kuat untuk-Mu.
- ¹⁸ Maka kami tidak berpaling daripada-Mu; pulihkanlah kami, maka kami akan menyeru nama-Mu.
- ¹⁹ Pulihkan kami, ya Tuhan, Allah alam semesta; pancarkanlah sinar wajah-Mu, maka kami akan selamat.

Untuk pemimpin muzik.**Menurut lagu: Gitit. Dari Mazmur Asaf.**

- 81** ¹ Menyanyilah dengan lantang untuk Allah
kekuatan kita;
bersoraklah dengan girang kepada Allah Yakub!
² Nyanyikanlah lagu sambil memukul tamborin,
bermain kecapi merdu serta gambus.
³ Tiuplah nafiri ketika Bulan Baru,
dan semasa bulan purnama, pada hari
perayaan kita yang luhur;
⁴ kerana ini adalah ketetapan bagi umat Israel,
hukum Allah Yakub.
⁵ Dia menjadikannya sebagai suatu peraturan
bagi Yusuf
apabila Dia menjelajah seluruh tanah Mesir,
di situ aku mendengar bahasa yang tidak
kufahami.
⁶ Dia berkata, “Aku melepaskan bahunya
daripada beban;
tangan mereka dibebaskan daripada bakul.
⁷ Kamu menyeru-Ku ketika dalam kesusahan
dan Aku melepaskan kamu,
Aku menjawabmu di tempat rahsia guruh; Aku
mengujiimu di perairan Meriba. **Sela**

⁸ Dengarlah, wahai umat-Ku, Aku akan
menegurmu –

wahai Israel, kalaulah kamu mahu mendengar
kata-Ku!

⁹ Tidak boleh ada tuhan asing dalam
kalanganmu;

dan kamu tidak boleh menyembah tuhan asing.

¹⁰ Akulah Tuhan, Allahmu,
yang telah membawamu keluar dari Tanah
Mesir.

Bukalah mulutmu luas-luas,
Aku akan memenuhinya.

¹¹ “Tetapi umat-Ku enggan mendengar
suara-Ku;
dan Israel sama sekali tidak mahu
menerima-Ku.

¹² Oleh itu, Aku biarkan mereka mengikut hati
mereka yang degil
hidup menurut fikiran mereka sendiri.

¹³ “Kalaulah umat-Ku mahu mendengar-Ku,
dan Israel mahu hidup menurut jalan-Ku,

¹⁴ tentu Aku segera menundukkan musuh
mereka
dan memalingkan tangan-Ku menentang
musuh mereka!

¹⁵ Pembenci Tuhan pura-pura tunduk
kepada-Nya,
dan hukuman ke atas mereka kekal
selama-lamanya.

¹⁶ Tentu diberi-Nya mereka makan gandum
terbaik;
dan dengan madu dari batu pejal tentu
Kukenyangkan kamu.”

Mazmur Asaf.

82 ¹ Allah berdiri dalam perhimpunan
perkasa;

Dia menghakimi antara “hakim-hakim
syurga”:

² “Berapa lamakah kamu akan menghakimi
dengan tidak adil
dan memihak kepada orang zalim? **Sela**

³ Belalah orang miskin dan anak yatim;
lakukanlah keadilan kepada orang yang
miskin dan ditindas.

⁴ Selamatkan orang yang lemah dan sesak;
lepaskan mereka daripada tangan orang
zalim.

⁵ “Mereka tidak tahu, dan tidak mengerti.
Mereka merayau dalam kegelapan; semua
asas bumi sudah goyah.

⁶ “Aku berkata, ‘Kamu ialah “tuhan”;

dan kesemua kamu ialah anak Yang Maha Tinggi.’

⁷ Tetapi kamu akan mati seperti manusia; dan jatuh seperti seorang anak raja.”

⁸ Bangkitlah, ya Allah, hakimilah bumi, kerana semua bangsa ialah warisan-Mu.

Sebuah nyanyian. Mazmur Asaf.

83 ¹ Janganlah senyap, ya Allah; janganlah Engkau membisu, dan janganlah berdiam diri, ya Allah.

² Kerana lihatlah, musuh-Mu berbuat huru-hara, dan mereka yang membenci-Mu telah mengangkat kepala.

³ Mereka berunding mengatur tipu muslihat menentang umat-Mu; dan berpakat melawan orang yang Kaulindungi.

⁴ Mereka telah berkata, “Marilah kita hapuskan mereka sebagai suatu bangsa, supaya nama Israel akan luput dari ingatan.”

⁵ Mereka telah berpakat dan bersatu hati; mereka telah membentuk komplot menentang-Mu –

⁶ orang Edom dan orang Ismael, Moab dan Hagri,

⁷ Gebal, Amon dan Amalek, Filistea dan Tirus.

⁸ Asyur pun telah menjadi sekutu mereka; mereka membantu keturunan bani Lut. **Sela**

- ⁹ Perlakukanlah mereka seperti Kauperlakukan orang Midian,
dan Sisera serta Yabin di Sungai Kison,
¹⁰ yang binasa di En-Dor
dan menjadi seperti sampah di atas bumi.
¹¹ Jadikanlah para pemimpin mereka seperti Oreb dan Zeeb,
ya, dan raja-raja mereka seperti Zebah dan Salmuna,
¹² yang telah berkata, “Marilah kita ambil padang-padang berumput Allah sebagai milik kita.”
¹³ Ya Allahku, jadikan mereka seperti debu berterbangan,
seperti sekam ditiup angin.
¹⁴ Seperti api membakar hutan
dan membuat gunung-ganang menyala,
¹⁵ burulah mereka dengan badai-Mu
dan takutkan mereka dengan ribut-Mu.
¹⁶ Malukanlah mereka supaya mereka mencari nama-Mu, ya Tuhan.
¹⁷ Biarlah mereka keliru dan kecewa selama-lamanya;
ya, biarkanlah mereka malu dan binasa.

83:9 a: Hak 7:1-23; **b:** Hak 4:6-22.

83:11 a: Hak 7:25; **b:** Hak 8:12.

¹⁸ Supaya mereka tahu hanya Engkau, yang bernama Tuhan –
Engkaulah Yang Maha Tinggi menguasai seluruh bumi.

Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu: Gitit. Mazmur suku Korah.

84 ¹ Betapa indahnyah khemah-Mu,
Ya Tuhan Yang Maha Kuasa!

² Jiwaku ingin, ya rindu, akan pekarangan Tuhan;

hatiku dan jasadku berseru kepada Allah yang hidup.

³ Sedangkan burung pipit ada tempat kediamannya,

dan burung layang-layang ada sarangnya sendiri, tempat dia meletakkan anak-anaknya –

malah juga mazbah-Mu, ya Tuhan Yang Maha Kuasa, Rajaku dan Allahku.

⁴ Diberkatilah mereka yang tinggal di rumah-Mu;

mereka berterusan memuji-Mu. **Sela**

⁵ Diberkatilah orang yang kekuatannya dalam-Mu,

yang hatinya tertumpu kepada perjalanan suci.

⁶ Ketika mereka melalui Lembah Baca, mereka menjadikannya mata air; hujan pula memenuhinya dengan kolam.

- ⁷ Mereka mencapai kekuatan demi kekuatan,
setiap orang tiba di hadapan Allah di Sion.
- ⁸ Ya Tuhan, Allah alam semesta, perhatikanlah
doaku;
dengarlah, ya Allah Yakub. **Sela**
- ⁹ Ya Allah, lihatlah perisai kami;
dan pandanglah wajah orang yang telah
Kaururapi.
- ¹⁰ Kerana satu hari di dalam rumah-Mu
lebih baik daripada seribu di tempat lain;
aku rela menjadi penjaga pintu di Rumah
Allahku daripada tinggal di khemah orang
zalim.
- ¹¹ Kerana Allah Tuhan ialah matahari dan
perisai;
Tuhan akan memberi kasih kurnia dan
kemuliaan;
tiada kebaikan yang tidak dilimpahkan-Nya
kepada mereka yang hidup tulus.
- ¹² Ya Tuhan Yang Maha Kuasa,
diberkatilah orang yang percaya kepada-Mu.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur suku Korah.

85 ¹ Tuhan, Engkau telah meredai tanah-Mu;
Engkau telah membawa Yakub pulang
daripada tawanan.

² Engkau telah mengampunkan dosa umat-Mu;

Engkau telah menghapuskan semua dosa mereka. **Sela**

³ Engkau telah menarik balik segala kemurkaan-Mu

Engkau telah berpaling daripada nyala kemarahan-Mu.

⁴ Pulihkanlah kami, ya Allah Penyelamat kami, dan padamkanlah kemarahan-Mu terhadap kami.

⁵ Akan marahkah Engkau kepada kami selama-lamanya?

Akan Kauteruskankah kemarahan-Mu turun-temurun?

⁶ Tidakkah Engkau mahu memulihkan kami, supaya umat-Mu dapat bergembira kerana-Mu?

⁷ Tunjukkanlah kasih setia-Mu kepada kami, ya Tuhan, dan kurniai kami penyelamatan-Mu.

⁸ Aku akan mendengar firman Allah, Tuhan; kerana Dia akan melafazkan sejahtera kepada umat-Nya dan orang warak-Nya – tetapi janganlah mereka kembali kepada kebodohan mereka.

⁹ Sesungguhnya, penyelamatan-Nya dekat kepada mereka yang takut kepada-Nya, supaya kemuliaan menetap di tanah kita.

¹⁰ Kasih sayang dan kesetiaan telah bertemu;

Perbenaran^v dan sejahtera telah berdakapan.

- ¹¹ Kesetiaan akan muncul dari bumi,
dan perbenaran akan memandang ke bawah
dari syurga.
- ¹² Ya, Tuhan akan memberikan apa yang baik,
dan tanah kita akan bertambah makmur.
- ¹³ Perbenaran akan berjalan di hadapan-Nya
dan menjadikan jejak langkah-Nya jalan
untuk kita turuti.

Doa Daud.

- 86** ¹ Dekatkanlah telinga-Mu, ya Tuhan,
dengarlah aku,
kerana aku miskin dan sesak.
- ² Peliharakanlah nyawaku, kerana aku suci.
Engkau Allahku; selamatkanlah hamba-Mu
yang percaya kepada-Mu.
- ³ Kasihanilah aku, ya Tuhan,
kerana aku berseru kepada-Mu sepanjang
hari.
- ⁴ Gembirakanlah jiwa hamba-Mu,
kerana kepada-Mu, ya Tuhan, kuangkatkan
jiwaku.
- ⁵ Kerana Engkau, ya Tuhan, baik dan sedia
mengampuni,

^v**85:10** Rangkaian kata ‘Perbenaran’ yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, ‘tsedaqah’ merujuk kepada sifat-sifat Tuhan yang tulus, benar, baik dan adil.

serta melimpahkan kasih kepada semua yang menyeru-Mu.

⁶ Dengarlah, ya Tuhan, doaku;
dan berilah perhatian kepada suara permohonanku.

⁷ Dalam kesusahan aku akan berseru kepada-Mu,
kerana Engkau akan menjawabku.

⁸ Tiada tuhan seperti-Mu, ya Tuhan;
dan tiada yang dapat melakukan apa yang Kaulakukan.

⁹ Semua bangsa yang telah Kaujadikan akan datang menyembah-Mu, ya Tuhan;
dan akan memuliakan nama-Mu.

¹⁰ Kerana Engkau Maha Besar dan melakukan perkara yang menakjubkan;
hanya Engkaulah Allah.

¹¹ Ajarlah aku jalan-Mu, ya Tuhan,
aku akan melangkah dalam kebenaran-Mu;
padukan hatiku, supaya takut akan nama-Mu.

¹² Aku akan memuji-Mu, ya Tuhan, Allahku,
dengan sepenuh hatiku;
dan aku akan memuliakan nama-Mu untuk selama-lamanya.

¹³ Kerana sungguh melimpah kasih-Mu kepadaku;

dan Engkau telah melepaskan jiwaku
daripada kubur.

¹⁴ Ya Allah, orang yang sombong telah bangkit
menentangku;

dan gerombolan orang zalim beramai-ramai
hendak membunuhku –

mereka tidak berpandu kepada-Mu.

¹⁵ Tetapi Engkau, ya Tuhan, Allah yang
penyayang dan pengasih,
panjang sabar serta berlimpah kasih dan
setia.

¹⁶ Berpalinglah kepadaku, dan kasihanilah aku;
berilah kekuatan-Mu kepada hamba-Mu
dan selamatkanlah aku yang mengabdikan
kepada-Mu seperti ibuku dahulu.

¹⁷ Tunjukkanlah aku tanda kebaikan,
supaya orang yang membenciku melihatnya
lalu berasa malu, kerana Engkau, ya Tuhan,
telah menolongku dan melipurkan aku.

Mazmur suku Korah.

Sebuah nyanyian.

87

¹ Asas-Nya di bukit suci;

² Tuhan mencintai pintu pagar Sion

lebih daripada segala tempat kediaman
Yakub.

³ Pelbagai kemuliaan disebutkan tentangmu,
Wahai kota Allah: **Sela**

⁴ “Aku akan menyebut Rahab dan Babel kepada mereka yang mengenal-Ku – Ketahuilah, wahai Filistea dan Tirus, serta Kush

–
‘Dia dilahirkan di Sion.’ ”

⁵ Dan tentang Sion akan dikatakan,
“Dia ini dan dia itu telah dilahirkan dalamnya, dan Yang Maha Tinggi sendiri akan mengukuhkannya.”

⁶ Tuhan akan mencatatkan ketika Dia mendaftarkan umat-Nya:

“Dia ini dilahirkan di Sion.” **Sela**

⁷ Kedua-dua penyanyi dan pemain muzik berkata,

“Semua sumber bahagiaku dalammu.”

**Sebuah Nyanyian. Mazmur suku Korah.
Untuk pemimpin muzik.**

**Menurut lagu Mahalat Leanor.
Renungan Heman, orang Ezrahi.**

88 ¹ Ya Tuhan, Allah yang menyelamatkanmu, aku telah berseru siang malam di hadapan-Mu.

² Biarlah doaku datang ke hadirat-Mu; condongkan telinga-Mu kepada seruanku.

³ Kerana jiwaku dipenuhi kesusahan dan hidupku semakin hampir ke kubur.

- ⁴ Aku dikira serupa dengan mereka yang masuk ke kubur;
aku seperti orang yang tidak bermaya.
- ⁵ Hanyut di antara orang mati,
seperti orang terbunuh yang terbaring di dalam kubur,
yang tidak Kauingati lagi,
dan telah tersingkir daripada tangan-Mu.
- ⁶ Engkau telah meletakkan aku di kubur paling dalam,
dalam kegelapan, jauh di dalam.
- ⁷ Kemurkaan-Mu berat menekanku;
dan Engkau telah menimpakan segala azab-Mu seperti ombak ke atasku. **Sela**
- ⁸ Engkau telah menjauhkan semua kenalanku daripadaku
Engkau telah menjadikan aku jijik di mata mereka.
- Aku terkurung, tidak dapat keluar;
- ⁹ matakku semakin pudar kerana kesakitan derita yang kutanggung.
- Ya Tuhan, aku telah berseru kepada-Mu setiap hari;
aku telah menghulurkan tanganku kepada-Mu.
- ¹⁰ Akan Kaubuatkah mukjizat untuk orang mati?
Akan bangkitkah orang mati lalu memuji-Mu?
Sela

- 11 Akan disebutkah kasih-Mu di kubur,
atau kesetiaan-Mu di tempat Kemusnahan?
- 12 Akan dikenalkah mukjizat-Mu dalam
kegelapan,
dan perbenaran-Mu^w di alam kelupaan?
- 13 Tetapi kepada-Mu aku telah berseru, ya
Tuhan;
dan pada waktu pagi doaku datang ke
hadirat-Mu.
- 14 Ya Tuhan, mengapa Kausingkirkan jiwaku,
mengapa Kausembunyikan wajah-Mu
daripadaku?
- 15 Aku telah ditimpa azab dan hampir mati
sejak usia mudaku;
aku menderita ketakutan kerana-Mu, aku
resah gelisah.
- 16 Kemurkaan-Mu yang dahsyat menimpaku;
ketakutan kepada-Mu membinasakanku.
- 17 Segalanya mengepungku sepanjang hari
seperti air; segalanya menenggelamkan
aku.
- 18 Orang tersayang dan sahabat telah
Kaujauhkan daripadaku;
dankenalanku dalam kegelapan.

^w**88:12** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak Tuhan serta sifat-Nya yang benar, baik dan adil.

Renungan Etan, orang Ezrahi.

- 89** ¹ Aku akan menyanyi tentang kasih Tuhan selama-lamanya;
dengan mulutku akan kuceritakan kesetiaan-Mu kepada semua keturunan zaman-berzaman.
- ² Kerana aku telah berkata, “Kasih-Mu akan kekal selama-lamanya, kesetiaan-Mu akan Kauteguhkan hingga ke langit.”
- ³ Engkau berkata, “Aku telah membuat perjanjian dengan orang yang Kupilih, Aku telah berjanji kepada hamba-Ku Daud,
- ⁴ ‘Benihmu akan Kuteguhkan selama-lamanya dan takhtamu akan Kupeliharakan untuk keturunanmu zaman-berzaman.’ ” **Sela**
- ⁵ Seisi langit akan memuji keajaiban-Mu, ya Tuhan, kesetiaan-Mu juga dalam perhimpunan orang yang hidup suci.
- ⁶ Kerana siapa di langit yang dapat dibandingkan dengan Tuhan?
Siapa antara anak orang berkuasa dapat disamakan dengan Tuhan?
- ⁷ Allah amat ditakuti dalam perhimpunan orang yang hidup suci;

dan amat dihormati oleh semua yang di sekeliling-Nya.

⁸ Ya Tuhan, Allah alam semesta, siapakah yang berkuasa seperti-Mu?

Ya Tuhan, kesetiaan-Mu juga di sekeliling-Mu.

⁹ Engkau menguasai gelora laut; apabila gelombangnya tinggi, Engkau menenangkannya.

¹⁰ Engkau telah meremukkan Rahab, seperti manusia yang dibunuh; Engkau telah menyebabkan musuh-Mu bertempiran dengan lengan-Mu yang perkasa.

¹¹ Langit milik-Mu, bumi juga milik-Mu; dunia dengan segala isinya, Engkau yang menjadikannya.

¹² Utara dan selatan, Engkau yang menciptanya; Gunung Tabor dan Hermon bergembira dengan nama-Mu.

¹³ Engkau mempunyai lengan yang perkasa; tangan-Mu kuat dan tangan kanan-Mu tinggi.

¹⁴ Perbenaran^x dan keadilan adalah asas takhta-Mu; kasih dan kesetiaan berjalan di hadapan-Mu.

^x**89:14** Perbenaran: Merujuk kepada sifat Tuhan yang antaranya adalah adil, benar dan baik.

- 15 Diberkatilah orang yang mengenal bunyi
bahagia itu,
mereka melangkah, ya Tuhan, dalam cahaya
wajah-Mu.
- 16 Dengan nama-Mu mereka bergembira
sepanjang hari;
dan dalam perbenaran-Mu mereka
ditinggikan.
- 17 Kerana Engkau kemuliaan kekuatan mereka,
dan dengan keredaan-Mu tanduk kami
ditinggikan.
- 18 Perisai kami milik Tuhan,
dan raja kami milik Yang Maha Suci Allah
Tuhan Israel.
- 19 Kemudian Engkau berfirman melalui satu
penglihatan kepada orang warak-Mu:
“Aku telah memberi pertolongan kepada
seorang yang perkasa;
Aku telah mengangkat tinggi seorang yang
dipilih daripada kalangan umat.
- 20 Aku telah menemui hamba-Ku Daud;
dengan minyak suci-Ku telah Kuurapi dia.
- 21 Dengannya tangan-Ku akan diteguhkan;
dan lengan-Ku akan menguatkan dia.
- 22 Musuh tidak akan dapat memperdayanya;

- dan anak kedurjanaan tidak akan dapat menyakitinya.
- ²³ Aku akan menumbangkan musuhnya di hadapan matanya dan menyiksa mereka yang membencinya.
- ²⁴ Kesetiaan-Ku dan kasih-Ku akan menyertainya, dan dengan nama-Ku tanduknya akan ditinggikan.
- ²⁵ Juga Aku akan meletakkan laut di bawah tangannya, dan sungai-sungai di bawah tangan kanannya.
- ²⁶ Dia akan berseru kepada-Ku, 'Engkau Bapaku, Allahku, dan Batu Pejal, Penyelamatku.'
- ²⁷ Aku juga akan menjadikannya anak sulung-Ku, tertinggi antara raja-raja di bumi.
- ²⁸ Kasih-Ku akan Kuperuntukkan baginya untuk selama-lamanya, dan perjanjian-Ku akan berdiri teguh dengannya.
- ²⁹ Benihnya juga akan Kukekalkan selama-lamanya, dan takhtanya berterusan seperti syurga.
- ³⁰ "Jika anak cucunya meninggalkan hukum-Ku

- dan tidak hidup mengikut peraturan-Ku,
31 jika mereka melanggar ketetapan-Ku
dan tidak mematuhi perintah-perintah-Ku,
32 Maka Aku akan menghukum keingkaran
mereka dengan gada,
dan dosa mereka dengan cemeti;
33 namun demikian, kasih-Ku tidak akan Kutarik
sepenuhnya daripada mereka,
dan kesetiaan-Ku tidak akan Kubiarkan lupus.
34 Perjanjian-Ku tidak akan Kumungkiri
dan Aku tidak akan mengubah firman yang
telah terbit daripada bibir-Ku.
35 Aku telah bersumpah demi kesucian-Ku –
maka Aku tidak akan berdusta kepada Daud –
36 benihnya akan kekal selama-lamanya
dan takhtanya seperti matahari di
hadapan-Ku;
37 bertapak selama-lamanya seperti bulan,
seperti saksi setia di langit.” **Sela**
38 Tetapi Engkau telah menyingkirkan dan
membenci,
Engkau telah murka akan orang yang
Kaurapi.
39 Engkau telah membatalkan perjanjian
dengan hamba-Mu;
Engkau telah mencemarkan mahkotanya
dengan menghumbankannya ke tanah.
40 Engkau telah memecahkan semua pagarnya;

Engkau telah meranapkan semua bentengnya.

41 Semua orang yang lalu-lalang menyamun dia; dia menjadi celaan jiran-jirannya.

42 Engkau telah mengangkat tinggi tangan kanan seterunya;

Engkau telah menyebabkan semua musuhnya bergembira.

43 Engkau telah membengkokkan hujung pedangnya dan tidak menyokongnya dalam pertempuran.

44 Engkau telah meluputkan kemuliaannya dan melontarkan takhtanya ke tanah.

45 Usia mudanya telah Kausingkatkan; Engkau telah memalukannya. **Sela**

46 Betapa lama, ya Tuhan? Adakah Engkau akan menyembunyikan diri-Mu selama-lamanya?

Adakah kemurkaan-Mu akan terus menyala seperti api?

47 Ingatlah betapa singkat usiaku.

Adakah Engkau telah mencipta anak-anak manusia untuk hidup sia-sia?

48 Manusia manakah dapat hidup dan tidak menemui maut,

dapatkah dia melepaskan nyawanya daripada kuasa kubur? **Sela**

49 Ya Tuhan, di manakah kasih-Mu yang dahulu,

yang telah Kaujanjikan kepada Daud dalam kesetiaan-Mu?

⁵⁰ Ingatlah, ya Tuhan, celaan terhadap hamba-hamba-Mu,

betapa dadaku menanggung celaan daripada segala bangsa,

⁵¹ musuh-Mu telah mencela, ya Tuhan, mereka telah mencela jejak langkah orang yang telah Kauurapi.

⁵² Pujilah Tuhan selama-lamanya!
Amin, Amin.

Jilid IV: 90 – 106

Doa Musa, pengikut Allah.

90 ¹ Tuhan, Engkaulah tempat kami menetap turun-temurun.

² Sebelum gunung-ganang diwujudkan atau Engkau membentuk bumi dan dunia, dari selama-lamanya hingga selama-lamanya, Engkau ialah Allah.

³ Engkau memalingkan manusia terhadap pemusnahan, dan berkata, “Pulanglah, hai anak-anak manusia.”

⁴ Kerana seribu tahun pada pandangan-Mu

ialah seperti satu hari yang berlalu, dan seperti sebahagian malam.

⁵ Engkau membawa mereka pergi seperti banjir, mereka seperti tidur; pada waktu pagi mereka seperti rumput yang tumbuh –

⁶ pada waktu pagi ia subur dan tumbuh, pada waktu petang ia ditebas dan layu.

⁷ Kerana kami telah dibakar oleh kemarahan-Mu dan kami ketakutan kerana kemurkaan-Mu.

⁸ Engkau telah membentangkan dosa kami di hadapan-Mu, segala kesalahan rahsia kami dalam pancaran sinar wajah-Mu.

⁹ Hari demi hari kami lalui dalam kemurkaan-Mu;

tahun demi tahun kami akhiri dengan keluhan.

¹⁰ Hidup kami hanyalah tujuh puluh tahun – dan jika kerana kekuatan usia kami mencapai lapan puluh tahun;

tiada kemegahannya kecuali penat lelah dan sedih pilu,

kerana sebentar sahaja nyawa pun diragut lalu kami melayang pergi.

¹¹ Siapa yang tahu akan kuasa kemarahan-Mu? Kerana seperti ketakutan kepada-Mu, demikianlah kemurkaan-Mu.

- ¹² Oleh itu, ajarlah kami menghitung hari
kehidupan kami,
supaya hati kami bijaksana.
- ¹³ Kembalilah, ya Tuhan! Berapa lama?
Berikanlah belas kasih kepada hamba-Mu.
- ¹⁴ Segera limpahkan kasih setia-Mu kepada
kami,
supaya kami bergembira dan bersukacita
seumur hidup.
- ¹⁵ Biarlah kami bersukacita sama panjangnya
dengan masa kami Kauazabkan,
tahun-tahun kami menemui kedurjanaan.
- ¹⁶ Biarlah perbuatan-Mu dilihat oleh
hamba-hamba-Mu,
dan kemuliaan-Mu oleh anak-anak mereka.
- ¹⁷ Dan biarlah berkat Tuhan, Allah kami, turun
ke atas kami;
dan meneguhkan kerja tangan kami – ya,
meneguhkan kerja tangan kita.

91 ¹ Sesiapa yang tinggal di tempat rahsia
Yang Maha Tinggi
akan menetap di bawah bayang-bayang Yang
Maha Kuasa.

- ² Aku akan berkata tentang Tuhan, “Dialah
penaungku dan bentengku,
Allahku, akan kupercaya kepada-Nya.”

- ³ Sesungguhnya, Dia akan melepaskan kamu daripada jerat pemikat dan wabak yang berbahaya.
- ⁴ Dia akan melitupimu dengan bulu-Nya, dan di bawah sayap-Nya kamu akan bernaung; kesetiaan-Nya akan menjadi perisai dan peneguhmu.
- ⁵ Engkau tidak akan takut kepada sesuatu yang ngeri sewaktu malam, atau anak panah yang meluru sewaktu siang,
- ⁶ atau wabak yang merayap dalam kegelapan, atau kemusnahan yang melanda pada waktu tengah hari.
- ⁷ Seribu orang mungkin rebah di sisimu, dan sepuluh ribu di sebelah kananmu, tetapi maut tidak akan mendekatimu.
- ⁸ Hanya dengan matamu kamu akan memandang dan melihat balasan kepada orang zalim.
- ⁹ Kerana engkau telah menjadikan Tuhan tempat engkau menetap –
Yang Maha Tinggi tempat aku bernaung –
- ¹⁰ Kejahatan tidak akan menimpamu, dan wabak tidak akan mendekati tempat tinggalmu.

- ¹¹ Kerana Dia akan memerintahkan malaikat-
malaikat-Nya
menjagamu untuk memeliharamu walau di
mana kamu berada.
- ¹² Mereka akan menatangmu,
supaya kakimu tidak tersandung batu.
- ¹³ Engkau akan memijak singa dan ular tedung;
singa muda dan ular berbisa akan kaulanyak di
bawah kaki.
- ¹⁴ “Kerana dia telah menumpukan
kasihnya kepada-Ku, maka Aku
akan melepaskannya;
Aku akan meletakkannya di tempat tinggi,
kerana dia mengetahui nama-Ku.
- ¹⁵ Dia akan berseru kepada-Ku, dan Aku akan
menjawabnya;
Aku akan menyertainya ketika dia dalam
kesusahan, dan Aku akan melepaskannya
dan memberinya penghormatan.
- ¹⁶ Dengan umur yang panjang Aku akan
memberinya kepuasan
dan menunjukkannya penyelamatan-Ku.”

91:11: Mat 4:6; Luk 4:10. **91:12:** Mat 4:6; Luk 4:11.

91:13: Luk 10:19.

Sebuah mazmur.**Nyanyian untuk hari Sabat.**

- 92** ¹ Sungguh baik mengucap syukur kepada Tuhan
dan menyanyikan pujian untuk nama-Mu,
wahai Yang Maha Tinggi,
² mengisytiharkan kasih-Mu sewaktu pagi dan kesetiaan-Mu setiap malam,
³ diiringi alat muzik bertali sepuluh, gambus dan irama kecapi.
⁴ Kerana Engkau, ya Tuhan, telah membuatku sukacita dengan ciptaan-Mu;
aku akan berbangga dengan hasil kerja tangan-Mu.
⁵ Ya Tuhan, betapa agung hasil kerja-Mu, fikiran-Mu sungguh dalam!
⁶ Orang cetek akal tidak mengetahuinya, dan orang bodoh tidak memahaminya,
⁷ apabila orang zalim tumbuh seperti rumput dan apabila semua pembuat dosa hidup mewah,
ini adalah supaya mereka dimusnahkan untuk selama-lamanya.
⁸ Tetapi Engkau, ya Tuhan, Maha Tinggi selama-lamanya.
⁹ Kerana sesungguhnya, musuh-Mu, ya Tuhan,

kerana sesungguhnya musuh-Mu akan
binasa;

semua pembuat dosa akan kucar-kacir.

¹⁰ Tetapi Engkau telah meninggikan tandukku
seperti lembu liar;

aku telah diurapi dengan minyak yang baru.

¹¹ Mataku telah melihat kehendakku berlaku
kepada musuhku;

telingaku telah mendengar kehendakku

berlaku kepada orang zalim yang bangkit
menentangku.

¹² Orang yang benar akan subur seperti pokok
palma,

dia akan tumbuh seperti pokok araz di
Lebanon;

¹³ semua yang ditanam di rumah Tuhan,
akan subur di pekarangan Allah kita.

¹⁴ Mereka akan tetap berbuah pada usia tua,
mereka akan tetap segar dan subur,

¹⁵ untuk mengisytiharkan bahawa Tuhan adalah
tulus;

Dia Batu Pejalku, dan Dia sentiasa benar.

93 ¹ Tuhan bertakhta, pakaian-Nya adalah
keagungan;

Tuhan berpakaian keagungan dan Dia telah
menyaluti diri-Nya dengan kekuatan.

Sesungguhnya, dunia telah diasaskan;
dan tidak dapat diganjakkan.

- ² Takhta-Mu diasaskan dari dahulu;
Engkau memang ada selama-lamanya.
- ³ Perairan telah meninggikan, ya Tuhan,
perairan telah meninggikan suaranya;
perairan meninggikan gelombangnya.
- ⁴ Tuhan yang tinggi di atas segala-galanya,
lebih berkuasa daripada deru perairan yang
luas – daripada gelombang laut yang
hebat.
- ⁵ Peraturan-Mu cukup pasti;
kesucian menghiasi rumah-Mu, ya Tuhan,
untuk selama-lamanya.

94

- ¹ Ya Allah, Tuhan yang memiliki hak
membalas bela,
Ya Tuhan yang memiliki hak membalas bela,
bertindaklah.
- ² Bangkitlah, ya Hakim seluruh bumi;
jatuhkanlah hukuman ke atas orang yang
sombong.
- ³ Ya Tuhan, berapa lamakah orang zalim,
berapa lamakah orang zalim tetap menang?
- ⁴ Mereka berkata-kata, dan bercakap lancang;
semua yang melakukan dosa membesarkan
diri.
- ⁵ Mereka memecahkan umat-Mu, ya Tuhan;
dan merosakkan warisan-Mu.
- ⁶ Mereka membunuh balu dan orang asing;
serta meragut nyawa anak yatim.

- ⁷ Tetapi mereka berkata, “Tuhan tidak melihat;
Allah Yakub tidak mengerti.”
- ⁸ Mengertilah, hai kamu yang tidak berakal
dalam kalangan manusia;
dan kamu yang cetek akal, bilakah kamu
akan menjadi bijaksana?
- ⁹ Dia yang mencipta telinga, tidakkah Dia
mendengar?
Dia yang membentuk mata, tidakkah Dia
melihat?
- ¹⁰ Dia yang mengajar bangsa-bangsa, tidakkah
Dia membetulkan?
Dia yang memberi manusia ilmu, tidakkah
Dia mendidik?
- ¹¹ Tuhan mengetahui fikiran manusia;
betapa sia-sianya.
- ¹² Diberkatilah orang yang Kauajar, ya Tuhan,
dan didik menurut hukum-Mu;
- ¹³ supaya Engkau dapat memberinya istirahat
daripada masa penderitaan,
sehingga lubang kubur digali untuk orang
zalim.
- ¹⁴ Kerana Tuhan tidak akan menyingkirkan
umat-Nya;
dan tidak akan meninggalkan warisan-Nya.

- 15 Tetapi penghakiman akan kembali kepada keadilan,^y
dan semua yang tulus hati akan menurutnya.
- 16 Siapakah yang akan bangkit menolongku melawan orang yang melakukan kezaliman? Siapakah yang akan berdiri di sisiku menentang orang yang melakukan dosa?
- 17 Kalaulah Tuhan tidak menolongku, tentulah tidak lama jiwaku terus musnah dalam senyap.
- 18 Jika aku berkata, “Kakiku tergelincir,” maka kasih-Mu, ya Tuhan, akan menegakkanku.
- 19 Di tengah-tengah kerunsingan yang begitu banyak dalamku, penglipuran yang Kauberi membahagiakan jiwaku.
- 20 Mungkinkah takhta kebinasaan yang merancang kejahatan melalui hukum bersekutu dengan-Mu?
- 21 Mereka berkomplot untuk meragut nyawa orang yang benar dan menumpahkan darah orang yang tidak bersalah.
- 22 Tetapi Tuhan ialah bentengku,

^y94:15 Keadilan: Bahasa Ibrani, ‘tsedeq’ juga diterjemahkan sebagai ‘yang benar.’

dan Allahku batu pejal tempat aku bernaung.

²³ Dia telah menimpakan dosa mereka ke atas diri mereka sendiri

dan akan memusnahkan mereka di

tengah-tengah kezaliman mereka sendiri;

Tuhan Allah kita akan memusnahkan mereka.

95 ¹ Marilah, marilah kita menyanyi untuk Tuhan;

marilah kita bersorak riang untuk Batu Pejal penyelamatan kita.

² Marilah kita pergi ke hadirat-Nya sambil mengucap syukur,

marilah kita bersorak riang untuk-Nya dengan mazmur.

³ Kerana Tuhan ialah Allah Yang Maha Besar, Raja besar di atas semua tuhan.

⁴ Dalam tangan-Nya tempat-tempat dalam di bumi,

bukit-bukau yang tinggi juga milik-Nya.

⁵ Laut milik-Nya kerana Dia yang menjadikannya,

dan tangan-Nya membentuk daratan yang kering.

⁶ Marilah, marilah kita menyembah dan tunduk, marilah kita berlutut di hadapan Tuhan Pencipta kita;

- ⁷ kerana Dia Allah kita
dan kita umat-Nya, kawanan domba di
bawah tangan-Nya.
Hari ini, jika kamu mahu dengar suara-Nya,
⁸ janganlah keraskan hatimu, seperti di Meriba,
seperti pada hari di Masa di padang gurun,
⁹ ketika nenek moyangmu menguji-Ku,
mereka mencuba-Ku meski mereka telah
melihat perbuatan-Ku.
¹⁰ Selama empat puluh tahun Aku berdukacita
dengan keturunan itu;
dan Aku berkata, “Kaum ini sesat dalam
hatinya, dan tidak mengenal jalan-Ku.”
¹¹ Oleh itu, Aku bersumpah dalam kemurkaan-
Ku,
“Mereka tidak akan masuk dalam rehat-Ku.”

- 96** ¹ Nyanyikanlah untuk Tuhan lagu baru;
nyanyikanlah untuk Tuhan, seluruh bumi.
² Nyanyilah untuk Tuhan, berkatilah nama-Nya;
isytharkan berita baik penyelamatan-Nya
dari hari ke hari.
³ Isytharkan kemuliaan-Nya dalam kalangan
bangsa,
mukjizat-Nya di antara semua umat-Nya.

95:7: Ibr 3:7-11. **95:7:** Ibr 3:15; 4:7.

95:8: Kel 17:1-7; Bil 20:2-13.

95:11 a: Bil 14:20-23; Ul 1:34-36; Ibr 4:3,5; **b:** Ul 12:9,10.

- ⁴ Kerana Tuhan Maha Besar dan besar puji
untuk-Nya;
Dia harus ditakuti di atas semua tuhan.
- ⁵ Kerana semua tuhan bangsa-bangsa adalah
berhala,
tetapi Tuhan telah menjadikan langit.
- ⁶ Kehormatan dan keagungan ada di
hadirat-Nya;
kekuatan dan keindahan di dalam tempat
suci-Nya.
- ⁷ Berilah Tuhan, hai keluarga bangsa-bangsa,
berilah Tuhan puji tentang kemuliaan dan
kekuatan.
- ⁸ Berilah Tuhan kemuliaan yang wajar bagi
nama-Nya;
bawalah persembahan, dan datanglah ke
pekarangan-Nya.
- ⁹ Sembahlah Tuhan dalam keindahan kesucian;
gementarlah di hadirat-Nya, wahai seluruh
bumi.
- ¹⁰ Katakanlah dalam kalangan bangsa-bangsa,
"Tuhan bertakhta memerintah."
Dunia tidak diganjak; Dia akan mengadili
kaum-kaum dengan benar.
- ¹¹ Biarlah langit bergembira, dan biarlah bumi
bersukacita;

biarlah laut menderu, dan segala dalamnya;
¹² biarlah padang berbahagia, dan semua
dalamnya.

Kemudian semua pokok hutan akan
bergembira

¹³ di hadapan Tuhan kerana Dia akan datang,
Dia akan datang untuk menghakimi bumi
dengan keadilan
dan kaum-kaum dengan kesetiaan-Nya.

97 ¹ Tuhan bertakhta memerintah, biarlah
bumi bergembira;

biarlah pulau-pulau yang banyak bersukacita.

² Awan dan kegelapan mengelilingi-Nya;
perbenaran² dan keadilan asas takhta-Nya.

³ Api mendahului-Nya
dan membakar musuh-Nya di sekeliling.

⁴ Kilat-Nya menerangi dunia;
bumi melihat dan gementar.

⁵ Gunung-ganang cair seperti lilin kerana
kehadiran Tuhan,
kerana kehadiran Tuhan seluruh bumi.

⁶ Seisi langit mengisytiharkan perbenaran-Nya,
dan semua kaum melihat kemuliaan-Nya.

⁷ Biarlah semuanya dimalukan, semua yang
melayan patung-patung yang diukir,

²97:2 Perbenaran: Menunjukkan Tuhan memerintah dengan baik, benar dan adil.

yang membanggakan berhala – sembahlah
Dia, hai kamu semua, tuhan-tuhan!

⁸ Sion mendengar dan bersukacita
dan anak-anak perempuan Yehuda
bergembira dengan penghakiman-Mu, ya
Tuhan.

⁹ Kerana Engkau, ya Tuhan, Maha Tinggi di atas
seluruh bumi;
Engkau ditinggikan jauh di atas semua tuhan.

¹⁰ Kamu yang kasih akan Tuhan, bencilah
kejahatan,
Dia memelihara jiwa umat-Nya yang warak.
Dia melepaskan mereka daripada tangan
orang zalim.

¹¹ Cahaya disemai untuk orang yang benar
dan sukacita untuk yang tulus hati.

¹² Bergembiralah kerana Tuhan, hai kamu yang
benar,
dan ucaplah syukur ketika mengingat
nama-Nya yang suci.

Sebuah mazmur.

98 ¹ Nyanyikan untuk Tuhan lagu yang baru,
kerana Dia telah melakukan perkara yang
menakjubkan;

tangan kanan-Nya dan lengan-Nya yang suci
telah membawa kemenangan untuk-Nya.

² Tuhan telah memberitahu tentang
penyelamatan-Nya,

dan perbenaran-Nya^a telah ditunjukkan-Nya
kepada bangsa-bangsa.

³ Dia telah ingat akan kasih-Nya
dan kesetiaan-Nya kepada keturunan kaum
Israel;

semua pelosok bumi telah melihat
penyelamatan Allah.

⁴ Bersorak rianglah kepada Tuhan, seluruh
bumi,
menyanyilah, bergembiralah, dan
nyanyikanlah pujian;

⁵ menyanyilah kepada Tuhan dengan kecapi,
dengan kecapi dan nyanyian mazmur,

⁶ dengan nafiri dan sangkakala –
bersorak rianglah ke hadirat Tuhan, Raja kita.

⁷ Biarlah laut menderu, dan segala yang
dalamnya,
dunia dan semua penghuninya.

⁸ Biarlah sungai-sungai bertepuk tangan,
biarlah bukit-bukau berbahagia bersama-
sama

⁹ di hadapan Tuhan kerana Dia akan datang
untuk menghakimi bumi.

Dengan keadilan Dia akan menghakimi dunia
dan kaum-kaum dengan saksama.

^a98:2 Rangkaian kata “Perbenaran-Nya” merujuk kepada kehendak Tuhan serta sifat-Nya yang benar dan adil. Allah itu benar dan adil kerana Dia setia kepada perjanjian-Nya.

- 99** ¹ Tuhan bertakhta memerintah,
biarlah bangsa-bangsa gementar;
Dia tinggal di antara malaikat kerubin,
biarlah bumi bergegar.
- ² Tuhan Maha Besar di Sion;
dan Dia jauh di atas semua bangsa.
- ³ Biarlah mereka memuji nama-Mu yang agung
dan mengagumkan –
Dia Maha Kudus.
- ⁴ Kekuatan Raja cinta akan keadilan –
Engkau telah mengasaskan kesaksamaan;
Engkau telah melakukan yang benar dan adil
dalam Yakub.
- ⁵ Tinggikanlah Tuhan Allah kita dan sembahlah
Dia di alas kaki-Nya;
Dia Maha Kudus.
- ⁶ Musa dan Harun tergolong antara imam-Nya,
dan Samuel antara mereka yang menyeru
nama-Nya;
Mereka berseru kepada Tuhan
dan Dia menjawab mereka.
- ⁷ Dia berfirman kepada mereka dalam tiang
awan;
mereka mematuhi peraturan-Nya dan
ketetapan yang diberi-Nya.
- ⁸ Engkau menjawab mereka,

Ya Tuhan Allah kami;
Engkau Allah pengampun kepada mereka,
meskipun Engkau membalas perbuatan
mereka dengan hukuman.

⁹ Tinggikanlah Tuhan, Allah kita dan sembahlah
Dia di bukit suci-Nya,
kerana Tuhan Allah kita Maha Kudus.

Mazmur kesyukuran.

100 ¹ Bersorak rianglah kepada Tuhan,
wahai seluruh bumi.

² Sembahlah Tuhan dengan sukacita;
datanglah ke hadirat-Nya dengan nyanyian.

³ Ketahuilah bahawa Tuhan, Dialah Allah.
Dialah yang telah menjadikan kita, dan kita
milik-Nya; kita umat-Nya dan kawanannya
domba di padang rumput-Nya.

⁴ Masuklah ke pintu pagar-Nya dengan
mengucap syukur
dan ke pekarangan-Nya dengan pujian;
bersyukurlah kepada-Nya, dan berkatilah
nama-Nya.

⁵ Kerana Tuhan baik, kasih-Nya untuk
selama-lamanya;
dan kesetiaan-Nya kekal turun-temurun,
zaman-berzaman.

Mazmur Daud.

- 101** ¹ Aku akan menyanyi tentang kasih dan keadilan;
kepada-Mu, ya Tuhan, aku akan menyanyikan pujian.
- ² Aku akan mengamalkan hidup yang tidak bercela –
bilakah Engkau akan datang kepadaku?
Aku akan berjalan di dalam rumahku sendiri dengan hati yang tidak bercela.
- ³ Aku tidak akan membiarkan mataku memandang kekejian.
Aku membenci perbuatan orang yang menyeleweng;
aku tidak akan turut berbuat demikian.
- ⁴ Hati yang ingkar akan tersingkir daripadaku;
aku tidak akan mengenal kejahatan.
- ⁵ Sesiapa yang memfitnah sesama manusia dalam senyap,
akan kemusnahan;
orang yang berlagak angkuh dan berhati sombong,
tidak akan kubiarkan.
- ⁶ Mataku akan tertumpu kepada orang beriman di tanah ini,
supaya mereka tinggal bersamaku;
orang yang hidup tidak bercela akan melayaniku.

⁷ Sesiapa yang melakukan penipuan
tidak akan tinggal di dalam rumahku;
sesiapa yang berdusta
tidak akan ada lagi di hadapanku.

⁸ Setiap pagi aku akan memusnahkan
semua orang zalim di tanah ini;
untuk menghapuskan semua yang melakukan
kejahatan
dari kota Tuhan.

**Doa seorang derita apabila dia lemah dan
mencurahkan kesusahannya kepada Tuhan.**

102 ¹ Dengarlah doaku, ya Tuhan;
dan biarlah seruanku datang
kepada-Mu.

² Janganlah sembunyikan wajah-Mu daripadaku
semasa aku dalam kesusahan.

Condongkan telinga-Mu kepadaku;
ketika aku berseru, jawablah aku segera.

³ Kerana setiap hari dalam hidupku hilang
seperti asap;
dan tulang-tulangku dibakar seperti di
tempat berdiang.

⁴ Hatiku sakit dan layu seperti rumput;
sehingga aku terlupa makan rotiku.

⁵ Kerana aku mengerang,
tulangku melekat ke kulitku.

⁶ Aku seperti burung hantu di gurun,
seperti burung hantu di runtunan.

- ⁷ Aku tidak dapat melelapkan mata;
berbaring seperti burung pipit kesepian di
bumbung rumah.
- ⁸ Musuhku mencelaku sepanjang hari;
mereka yang mencemuhku mengangkat
sumpah memfitnahku.
- ⁹ Aku telah makan abu seperti roti
dan minumanku bercampur air mata
- ¹⁰ kerana kemarahan dan kemurkaan-Mu,
kerana Engkau telah mengangkatku,
kemudian menghumbankan aku.
- ¹¹ Hidupku seperti bayang-bayang memanjang;
dan aku layu seperti rumput.
- ¹² Tetapi Engkau, ya Tuhan, akan kekal
selama-lamanya;
dan nama-Mu diingati turun-temurun
zaman-berzaman.
- ¹³ Engkau akan bangkit dan mengasihani Sion,
kerana saat untuk meredainya; ya, saat yang
ditentukan, telah tiba.
- ¹⁴ Kerana hamba-hamba-Mu menghargai
batu-batunya;
dan berasa kasihan akan debunya.
- ¹⁵ Maka bangsa-bangsa akan takut kepada
nama Tuhan,
dan raja-raja dunia gentar akan kemuliaan-
Mu.
- ¹⁶ Tuhan akan membina Sion

Dia akan menampakkan diri dalam
kemuliaan-Nya.

¹⁷ Dia akan menimpangkan doa orang papa;
dan tidak akan menghina permohonan
mereka.

¹⁸ Ini akan disuratkan untuk keturunan akan
datang,
supaya umat yang belum lahir akan memuji
Tuhan:

¹⁹ “Dia memandang ke bawah dari tempat
suci-Nya,
dari syurga Tuhan memerhatikan bumi,

²⁰ untuk mendengar rintihan orang yang
dipenjarakan,
untuk membebaskan mereka yang dihukum
mati.”

²¹ Untuk mengisytharkan nama Tuhan di Sion
dan pujian untuk-Nya di Yerusalem

²² apabila umat-umat berhimpun dan kerajaan-
kerajaan berhimpun untuk beribadat
kepada Tuhan.

²³ Dia melemahkan kekuatanku dalam hidup;
Dia memendekkan umurku.

²⁴ Aku berkata:

“Ya Allahku, janganlah ambil aku pada
separuh umurku; masa-Mu meliputi
semua keturunan.

- ²⁵ Pada mulanya, Engkau meletakkan asas bumi,
dan seluruh langit adalah hasil kerja tangan-Mu.
- ²⁶ Bumi dan langit akan binasa, tetapi Engkau kekal;
ya, segalanya akan menjadi usang seperti pakaian.
Seperti jubah Engkau akan menggulungnya,
seperti baju yang ditukar, semuanya akan diubah.
- ²⁷ Tetapi Engkau tetap sama,
dan tahun-tahun-Mu tidak berkesudahan.
- ²⁸ Anak hamba-hamba-Mu akan berterusan;
dan anak cucu mereka akan berdiri di hadirat-Mu.”

Mazmur Daud.

- 103** ¹ Pujilah Tuhan, wahai jiwaku;
dan segala yang dalamku,
pujilah nama-Nya yang suci.
- ² Pujilah Tuhan, wahai jiwaku,
dan jangan lupakan segala rahmat-Nya –
- ³ Dia mengampunkan segala dosamu,
Dia menyembuhkan segala penyakitmu,
- ⁴ Dia menebus nyawamu daripada kemusnahan,

- Dia memahkotakanmu dengan kasih sayang
dan belas kasih,
⁵ Dia memuaskan hasratmu dengan yang baik
supaya usia mudamu dibaharui seperti
burung rajawali.
⁶ Tuhan menjalankan perbenaran^b
dan keadilan bagi semua yang tertindas.
⁷ Dia memberitahu jalan-Nya kepada Musa,
perbuatan-Nya kepada kaum Israel:
⁸ Tuhan penuh belas kasihan dan kasih kurnia,
panjang sabar serta melimpah kasih-Nya.
⁹ Dia tidak sentiasa memarahi kita,
dan tidak menyimpan kemarahan-Nya untuk
selama-lamanya;
¹⁰ Dia tidak memperlakukan kita berdasarkan
dosa kita
dan tidak menghukum kita setimpal dengan
kesalahan kita.
¹¹ Kerana sebagaimana tingginya langit di atas
bumi,
demikianlah limpah kasih-Nya kepada orang
yang takut kepada-Nya;
¹² sebagaimana jauhnya timur dari barat,

^b**103:6** Perbenaran: Bahasa Ibrani, 'tsedeq' menekankan Allah itu adil, benar dan setia kepada janji-Nya.

103:8: Yak 5:11.

- begitulah jauhnya Dia telah membuang
keingkaran kita daripada diri kita.
- ¹³ Sebagaimana bapa mengasihani anak-anak,
demikianlah Tuhan mengasihani orang yang
takut kepada-Nya;
- ¹⁴ kerana Dia tahu bagaimana kita dibentuk,
Dia ingat bahawa kita ialah debu.
- ¹⁵ Hidup manusia seperti rumput,
seperti bunga di padang, begitulah dia
berkembang;
- ¹⁶ angin meniupnya, maka tiadalah dia lagi,
dan tempatnya dahulu tidak mengingatnya.
- ¹⁷ Tetapi kasih Tuhan dari selama-lamanya
sampai selama-lamanya
bagi mereka yang takut kepada-Nya, dan
perbenaran-Nya sampai anak cucu,
- ¹⁸ kepada mereka yang mematuhi perjanjian-
Nya
dan kepada mereka yang mengingati
ajaran-ajaran-Nya.
- ¹⁹ Tuhan telah menempatkan takhta-Nya di
syurga,
dan kerajaan-Nya memerintah semua yang
ada.
- ²⁰ Pujilah Tuhan, hai kamu para malaikat-Nya
yang amat gagah perkasa,
yang menjalankan firman-Nya dan sentiasa
mendengar suara firman-Nya.

²¹ Pujilah Tuhan, hai semua angkatan syurga-Nya, kamu para hamba-Nya yang melakukan apa yang diredai-Nya.

²² Pujilah Tuhan, segala hasil kerja-Nya di semua tempat yang dikuasai-Nya. Pujilah Tuhan, wahai jiwaku.

104 ¹ Pujilah Tuhan, wahai jiwaku. Ya Allahku, Engkau Maha Besar; Engkau penuh kehormatan dan keagungan.

² Engkau menyaluti diri-Mu dengan cahaya seperti pakaian; Engkau merentangkan angkasa seperti tirai.

³ Dia mengasaskan lantai ruang-ruang atas-Nya di perairan.

Dia menjadikan awan pedati-Nya; Dia berjalan di atas sayap angin.

⁴ Dia menjadikan para malaikat-Nya sebagai roh, para hamba-Nya nyala api.

⁵ Engkau yang meletakkan asas bumi; supaya tidak berganjak selama-lamanya.

⁶ Engkau meliputinya dengan lautan dalam seperti dengan pakaian; perairan itu berdiri di atas gunung.

⁷ Apabila Kaumurkai, ia lari,

- mendengar suara guruh-Mu, ia segera pergi;
8 perairan itu telah naik ke atas pergunungan,
ia turun ke pelembahan, ke tempat yang
Kauasaskan baginya.
- 9 Engkau telah menentukan sempadan yang
tidak boleh dilaluinya;
supaya ia tidak kembali meliputi bumi.
- 10 Dia menghantar mata air ke pelembahan;
yang mengalir di antara bukit-bukau.
- 11 Mata air memberikan minuman kepada
setiap binatang di padang;
keldai-keldai liar menghilangkan dahaganya.
- 12 Di sisinya burung-burung angkasa membuat
sarang;
dan menyanyi di cabang-cabang pokok.
- 13 Dia mengairi bukit-bukau dari ruang-ruang
atas-Nya;
bumi berpuas dengan buah hasil kerja-Nya.
- 14 Dia membuat rumput tumbuh untuk lembu
ternakan,
dan pelbagai tanaman bagi kegunaan
manusia – untuk membolehkannya
menghasilkan makanan dari bumi:
- 15 air anggur yang menyukakan hati manusia,
minyak untuk menyerikan mukanya, dan roti
yang meneguhkan hati manusia.
- 16 Pokok-pokok Tuhan segar dan subur,

pokok-pokok araz di Lebanon yang ditanam-Nya.

¹⁷ Di situ burung-burung membuat sarangnya; burung ranggung tinggal di pokok sanubar.

¹⁸ Bukit-bukit tinggi untuk kambing liar; curaman-curaman tempat landak bernaung.

¹⁹ Dia menentukan bulan untuk menandakan musim, matahari tahu bila waktu untuknya terbenam.

²⁰ Engkau mencipta kegelapan, maka menjadi malam, masa untuk binatang-binatang hutan merayau.

²¹ Singa-singa muda mengaum mencari mangsa dan memohon makannya daripada Allah.

²² Apabila matahari terbit; mereka berhimpun lalu baring di gua mereka.

²³ Manusia keluar ke tempat kerjanya, dan memerah tenaga hingga lewat petang.

²⁴ Ya Tuhan, sungguh beraneka hasil kerja-Mu! Dengan bijaksana Engkau telah mencipta segala-galanya; bumi penuh dengan milik-Mu.

²⁵ Laut yang besar dan luas, yang tidak terkira banyak isi di dalamnya – makhluk hidup yang kecil dan besar.

- ²⁶ Di situ kapal-kapal belayar,
dan Lewiatan yang telah Kaujadikan untuk
bermain di sana.
- ²⁷ Semuanya menantikan-Mu
bahawa Engkau akan memberi mereka
makanan pada waktu yang ditentukan.
- ²⁸ Apa yang Kauberikan,
mereka kumpulkan;
Engkau membuka genggam tangan-Mu,
penuh dengan segala yang baik.
- ²⁹ Engkau menyembunyikan wajah-Mu,
mereka menanggung kesusahan;
Engkau mengambil nafas mereka,
lalu mereka mati dan kembali menjadi debu.
- ³⁰ Engkau menghantar Roh-Mu,
lalu mereka dicipta,
dan Engkau membaharui muka bumi.
- ³¹ Semoga kemuliaan Tuhan kekal selama-
lamanya;
semoga Tuhan bergembira dengan hasil
kerja-Nya –
- ³² Dia memandang bumi, lalu bumi gementar,
Dia menyentuh bukit, lalu bukit berasap.
- ³³ Aku akan menyanyi untuk Tuhan sepanjang
hayatku;

aku akan menyanyikan pujian untuk Allahku
selagi aku hidup.

³⁴ Semoga renunganku baik di sisi-Nya,
aku akan bersukacita kerana Tuhan.

³⁵ Semoga orang berdosa dihapuskan dari bumi
dan orang zalim tiada lagi.

Pujilah Tuhan, wahai jiwaku.

Pujilah Tuhan!

105 ¹ Bersyukurlah kepada Tuhan, serulah
nama-Nya;

beritahulah bangsa-bangsa tentang
perbuatan-Nya.

² Menyanyilah untuk-Nya, nyanyikan mazmur
untuk-Nya;

katakanlah segala hasil kerja-Nya yang
menakjubkan.

³ Muliakanlah nama-Nya yang suci;
biarlah hati mereka sukacita, mereka yang
mencari Tuhan.

⁴ Carilah Tuhan dan kekuatan-Nya;
carilah wajah-Nya selama-lamanya.

⁵ Ingatlah perbuatan-Nya yang menakjubkan,
mukjizat-Nya, dan hukum-hukum yang
difirmankan-Nya,

⁶ Wahai benih Abraham hamba-Nya,
kamu anak cucu Yakub, orang pilihan-Nya.

⁷ Dia Tuhan Allah kita;
hukum-hukum-Nya di seluruh bumi.

- ⁸ Dia ingat akan perjanjian-Nya selama-lamanya,
firman yang diperintahkan-Nya, bagi seribu keturunan,
⁹ perjanjian yang telah dibuat-Nya dengan Abraham,
dan sumpah-Nya kepada Ishak.
¹⁰ Dan mengesahkannya kepada Yakub sebagai ketetapan,
kepada Israel sebagai perjanjian yang kekal selama-lamanya:
¹¹ “Kepadamu Aku akan memberi Tanah Kanaan sebagai bahagian warisanmu.”
¹² Ketika mereka hanya sebilangan kecil,
cuma segelintir, dan orang asing di situ,
¹³ apabila mereka pergi daripada satu bangsa kepada satu bangsa,
daripada satu kerajaan kepada yang lain.
¹⁴ Dia tidak membenarkan sesiapa pun menyakiti mereka;
ya, Dia memarahi raja-raja kerana mereka:
¹⁵ “Jangan sentuh umat yang Kuurapi;
dan jangan sakiti nabi-nabi-Ku.”
¹⁶ Dia juga mengadakan kebuluran di tanah itu,
Dia memusnahkan semua bekalan makanan;

105:9 a: Kej 12:7; 17:8; **b:** Kej 26:3. **105:10:** Kej 28:13.

105:14: Kej 20:3-7. **105:16:** Kej 41:53-57.

- 17 Dia menghantar kepada mereka seorang
 bernama Yusuf –
 yang telah dijual sebagai hamba.
- 18 Mereka menyakitkan kakinya dengan
 belenggu,
 dan mengikatnya dengan rantai besar,
- 19 hingga sampai masa terjadi apa yang telah
 dikatakan-Nya,
 dan firman Tuhan membuktikan dia benar.
- 20 Raja menghantar orang untuk
 mengeluarkannya dari penjara,
 pemerintah bangsa itu membebaskannya.
- 21 Dia menjadikan Yusuf ketua rumahnya,
 dan penguasa segala miliknya,
- 22 untuk mengarahkan putera-puteranya
 sekehendak hatinya
 dan mengajarkan kebijaksanaan kepada para
 tua-tuanya.
- 23 Kemudian Israel datang ke Mesir;
 dan Yakub tinggal di tanah asing Ham.
- 24 Lalu Tuhan menambah umat-Nya dengan
 ramainya;
 dan menjadikan mereka lebih perkasa
 daripada musuh mereka.

105:17: Kej 37:28; 45:5. **105:18:** Kej 39:20—40:23.

105:20: Kej 41:14. **105:21:** Kej 41:39-41.

105:23 a: Kej 46:6; **b:** Kej 47:11. **105:24:** Kel 1:7-14.

- 25 Dia memalingkan hati mereka supaya
membenci umat-Nya,
memperdaya hamba-hamba-Nya.
- 26 Maka Dia menghantar hamba-Nya Musa,
dan Harun yang telah dipilih-Nya.
- 27 Mereka menunjukkan tanda-tanda-Nya
dalam kalangan mereka,
dan melakukan mukjizat di tanah Ham.
- 28 Kemudian Dia menghantar kegelapan
menyelubungi segala-galanya –
kerana mereka memberontak terhadap
firman-Nya.
- 29 Dia menukarkan perairan mereka menjadi
darah,
dan membunuh ikan mereka.
- 30 Tanah mereka dipenuhi katak,
sampai ke bilik istana raja-raja mereka.
- 31 Dia berfirman, maka datanglah lalat yang
banyak,
dan agas^c di seluruh wilayah mereka.
- 32 Dia mengubah hujan menjadi hujan batu,

^c**105:31** Agas: Serangga yang seakan-akan nyamuk yang berbahaya kerana suka menghisap darah.

105:26: Kel 3:1—4:17. **105:28:** Kel 10:21-23.

105:29: Kel 7:17-21. **105:30:** Kel 8:1-6.

105:31 a: Kel 8:20-24; **b:** Kel 8:16,17. **105:32:** Kel 9:22-25.

- dan mencurahkan api bernyala-nyala di tanah mereka.
- ³³ Dia juga menumbangkan pokok anggur dan pokok ara serta menghancurkan pokok-pokok di wilayah mereka.
- ³⁴ Dia berfirman, maka datanglah belalang, belalang muda yang tidak terkira banyaknya;
- ³⁵ yang memakan semua tanaman di tanah mereka, dan buah-buahan di kawasan mereka.
- ³⁶ Dia juga membunuh semua anak lelaki sulung di tanah mereka, yang pertama daripada seluruh kekuatan mereka.
- ³⁷ Dia membawa umat-Nya keluar dengan perak dan emas, dan tiada yang lemah antara suku-suku-Nya.
- ³⁸ Apabila mereka pergi orang Mesir bersukacita, kerana takut akan mereka.
- ³⁹ Dia memayungi umat-Nya dengan awan untuk berteduh, dan memberikan api untuk menerangi mereka pada waktu malam.

105:34: Kel 10:12-15. **105:36:** Kel 12:29.

105:37: Kel 12:33-36. **105:39:** Kel 13:21,22.

- ⁴⁰ Mereka memohon, lalu Dia membawakan
burung puyuh
dan mengenyangkan mereka dengan roti
syurga.
- ⁴¹ Dia membukakan batu pejal, maka air
terpancar;
lalu mengalir di tempat-tempat gersang
seperti sungai.
- ⁴² Kerana Dia ingat akan janji-Nya yang suci
dan hamba-Nya Abraham.
- ⁴³ Dia membawa keluar umat-Nya dengan
bahagia,
kaum pilihan-Nya dengan sorak-sorai
kegembiraan;
- ⁴⁴ Dia memberi kepada mereka tanah orang
asing,
dan mereka mewarisi usaha bangsa-bangsa
lain –
- ⁴⁵ supaya mereka mematuhi ajaran-ajaran-Nya
dan mentaati hukum-hukum-Nya.

Pujilah Tuhan!

106¹ Pujilah Tuhan!
Bersyukurlah kepada Tuhan, kerana
kebaikan-Nya;

105:40: Kel 16:2-15. **105:41:** Kel 17:1-7; Bil 20:2-13.

105:44: Yos 11:16-23. **106:1:** 1Taw 16:34; 2Taw 5:13; 7:3;
Ezr 3:11; Mzm 100:5; 107:1; 118:1; 136:1; Yer 33:11.

- kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.
- ² Siapa yang dapat menyebutkan perbuatan-perbuatan Tuhan yang hebat, siapa dapat mengisytiharkan seluruh puji bagi-Nya?
- ³ Diberkatilah mereka yang menjaga keadilan, dan orang yang melakukan apa yang benar setiap waktu.
- ⁴ Ingatlah aku, ya Tuhan, dengan keredaan yang Kauberi, selamatkan aku ketika Engkau menyelamatkan mereka,
- ⁵ supaya aku dapat menikmati kemewahan orang pilihan-Mu, supaya aku dapat bergembira dengan rasa sukacita bangsa-Mu, supaya aku dapat merasakan kemuliaan dengan warisan-Mu.
- ⁶ Kami telah berdosa bersama nenek moyang kami; kami telah melakukan dosa, kami telah berbuat jahat.
- ⁷ Nenek moyang kami di Mesir, tidak memahami mukjizat-Mu; mereka tidak ingat akan keihlanan-Mu yang melimpah-limpah,

tetapi telah memberontak di pinggir laut,
Laut Merah.

⁸ Namun demikian Dia telah menyelamatkan
mereka demi nama-Nya,
untuk menunjukkan kuasa-Nya yang besar.

⁹ Dia juga memurkai Laut Merah, maka laut itu
kering;
lalu Dia memandu mereka menyeberangi
laut seperti merentas gurun.

¹⁰ Dia menyelamatkan mereka daripada tangan
orang yang membenci mereka;
dan melepaskan mereka daripada tangan
musuh.

¹¹ Air laut menenggelamkan musuh mereka;
tiada seorang pun yang tinggal.

¹² Lalu mereka percaya akan firman-Nya;
mereka menyanyikan pujian untuk-Nya.

¹³ Tidak lama kemudian mereka melupakan
perbuatan-Nya;
mereka tidak menantikan bimbingan-Nya.

¹⁴ Tetapi dikuasai nafsu buas di gurun;
dan menguji Allah di tanah tandus.

¹⁵ Dia memberi mereka apa yang diminta oleh
mereka,

- tetapi menghantar kelemahan ke dalam jiwa mereka.
- ¹⁶ Mereka iri hati kepada Musa di perkhemahan dan Harun, orang suci Tuhan.
- ¹⁷ Bumi terbuka lalu menelan Datan; dan mengambus Abiram serta para pengikutnya.
- ¹⁸ Api dinyalakan dalam kalangan pengikut mereka; lalu membakar orang zalim.
- ¹⁹ Mereka membuat patung anak lembu di Horeb lalu menyembah patung buatan mereka.
- ²⁰ Dengan demikian mereka menukar kemuliaan mereka untuk patung lembu jantan yang makan rumput.
- ²¹ Mereka melupakan Allah Penyelamat mereka, yang telah melakukan perkara-perkara hebat di Mesir,
- ²² mukjizat-mukjizat di tanah Ham; perkara-perkara yang menakjubkan di pinggir Laut Merah.
- ²³ Oleh itu, Dia berfirman bahawa Dia akan memusnahkan mereka –

tetapi Musa, orang pilihan-Nya,
berdiri di hadirat-Nya memohon untuk mereka
bagi memalingkan kemurkaan-Nya, supaya
Dia tidak memusnahkan mereka.

²⁴ Kemudian, mereka membenci tanah yang
begitu baik;
mereka tidak percaya akan firman-Nya,
²⁵ sebaliknya bersungut di khemah-khemah
mereka
dan tidak menghiraukan suara Tuhan.

²⁶ Oleh itu, Dia mengangkat tangan-Nya
bersumpah
bahawa Dia akan membawa kekalahan
kepada mereka di gurun,
²⁷ dan kepada anak cucu mereka dalam
kalangan bangsa-bangsa,
serta menyelerakkan mereka di serata
negeri.

²⁸ Mereka juga menyertai Baal di Peor
dan makan korban persembahan yang dibuat
kepada orang mati;

²⁹ demikianlah mereka menyakitkan hati Tuhan
sehingga Dia marah dengan perbuatan
mereka,
lalu berlaku wabak dalam kalangan mereka.

106:24: Bil 14:1-35. **106:27:** Im 26:33.

106:28: Bil 25:1-13.

- 30 Maka Pinehas tampil memohon untuk mereka,
lalu wabak itu berakhir.
- 31 Perbuatannya itu dikira sebagai perbenarannya^d
turun-temurun selama-lamanya.
- 32 Mereka juga membuat Tuhan marah di mata air Meriba,
lalu Musa ditimpa kesusahan kerana mereka;
- 33 kerana mereka memberontak terhadap Roh Allah,
sehingga Musa bersuara dengan gopoh.
- 34 Mereka tidak memusnahkan bangsa-bangsa sebagaimana telah diperintahkan oleh Tuhan kepada mereka,
- 35 sebaliknya mereka bergaul dengan bangsa-bangsa itu
dan mempelajari amalan-amalan mereka.
- 36 Mereka melayani berhala-berhala mereka,
yang menjadi jerat kepada mereka.
- 37 Malah mereka mengorbankan anak-anak lelaki

^d**106:31** Perbenaran: Merujuk kepada tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah serta melaksanakan tuntutan-tuntutan-Nya.

106:32: Bil 20:2-13. **106:34:** Hak 2:1-3; 3:5,6.

106:37: 2Raj 17:17.

dan anak-anak perempuan mereka kepada
roh-roh Iblis.

³⁸ Dan menumpahkan darah mereka yang tidak
bersalah,

darah anak-anak lelaki dan anak-anak
perempuan mereka,
yang dikorbankan oleh mereka untuk
berhala-berhala Kanaan,
maka tanah itu dicemari darah.

³⁹ Demikianlah mereka dinodai oleh perbuatan
mereka sendiri;
dan menjadi seperti pelacur dengan kelakuan
mereka sendiri.

⁴⁰ Oleh itu, kemurkaan Tuhan dinyalakan
terhadap umat-Nya,
maka Dia jijik akan warisan-Nya sendiri.

⁴¹ Lalu Dia menyerahkan mereka ke tangan
bangsa-bangsa asing,
dan orang yang membenci mereka
memerintah mereka.

⁴² Musuh mereka juga menindas mereka
dan mereka tunduk di bawah tangan musuh.

⁴³ Berkali-kali Dia menyelamatkan mereka,
tetapi mereka memberontak menurut
rancangan sendiri lalu mereka dijatuhkan
kerana dosa mereka.

- ⁴⁴ Namun demikian, Dia mengambil berat
tentang derita mereka
apabila Dia mendengar seruan mereka;
- ⁴⁵ dan untuk mereka Dia ingat akan
perjanjian-Nya
lalu berlembut kerana kasih-Nya melimpah-
limpah.
- ⁴⁶ Dia juga menyebabkan mereka dikasihani
oleh semua yang membawa mereka pergi
sebagai orang tawanan.
- ⁴⁷ Selamatkanlah kami, ya Tuhan Allah kami,
dan kumpulkan kami daripada kalangan
bangsa asing,
supaya kami bersyukur kepada nama-Mu yang
suci,
supaya kami berbangga dengan pujian
untuk-Mu.
- ⁴⁸ Pujilah Tuhan, Allah Israel,
dari selama-lamanya ke selama-lamanya.
Dan biarlah semua orang berkata, "Amin!"
Pujilah Tuhan!

Jilid V: 107 – 150

- 107** ¹ Bersyukurlah kepada Tuhan, kerana
kebaikan-Nya;
kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.
- ² Biarlah mereka yang ditebus oleh Tuhan
berkata demikian –
mereka yang telah ditebus-Nya daripada
tangan musuh,
- ³ dan dikumpulkan-Nya dari negeri-negeri,
dari timur dan dari barat, dari utara dan dari
selatan.
- ⁴ Mereka telah merayau di gurun dalam
kehampaan,
mereka tidak dapat mencari kota untuk
didiami.
- ⁵ Lapar dan dahaga,
jiwa mereka tidak bermaya.
- ⁶ Kemudian mereka berseru kepada Tuhan
dalam kesusahan mereka,
dan Dia menyelamatkan mereka daripada
segala keazaban mereka.
- ⁷ Lalu Dia memandu mereka di jalan yang betul

supaya mereka dapat pergi ke sebuah kota dan tinggal di situ.

⁸ Biarlah manusia bersyukur kepada Tuhan kerana kasih setia-Nya

dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan untuk anak-anak manusia,

⁹ kerana Dia memuaskan jiwa yang penuh kerinduan,

dan mengenyangkan jiwa yang lapar dengan kebaikan.

¹⁰ Mereka yang duduk dalam kegelapan dan bayangan maut,

dibelenggu dengan derita serta rantai besi,

¹¹ kerana mereka telah memberontak terhadap firman Allah

dan menghina bimbingan Yang Maha Tinggi.

¹² Oleh itu, Dia menundukkan hati mereka dengan kerja teruk;

mereka jatuh tersungkur, dan tiada siapa yang menolong.

¹³ Kemudian mereka berseru kepada Tuhan dalam kesusahan mereka,

dan Dia menyelamatkan mereka daripada segala keazaban mereka.

¹⁴ Dia membawa mereka keluar daripada kegelapan dan bayangan maut

dan menghancurkan rantai pengikat mereka.

- 15 Biarlah manusia bersyukur kepada Tuhan
kerana kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang
menakjubkan untuk anak-anak manusia,
- 16 kerana Dia telah memecahkan pintu-pintu
pagar gangsa
dan memotong palang-palang besi sehingga
patah dua.
- 17 Orang yang bodoh, kerana keingkarannya
mereka
dan kerana dosa mereka, telah ditimpa
kesakitan.
- 18 Jiwa mereka membenci segala jenis
makanan,
maka mereka hampir ke pintu maut.
- 19 Kemudian mereka berseru kepada Tuhan
dalam kesusahan mereka,
dan Dia menyelamatkan mereka daripada
segala keazaban mereka.
- 20 Dia menghantar firman-Nya dan
menyembuhkan mereka;
serta melepaskan mereka daripada
kemusnahan.
- 21 Biarlah manusia bersyukur kepada Tuhan
kerana kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang
menakjubkan untuk anak-anak manusia.

- 22 Biarlah mereka mempersembahkan
korban-korban kesyukuran
dan mengisytiharkan hasil-hasil kerja-Nya
sambil bergembira.
- 23 Mereka yang turun ke laut menaiki kapal;
yang berurusan di lautan luas.
- 24 Mereka melihat hasil-hasil kerja Tuhan,
dan keajaiban-Nya di lautan dalam.
- 25 Kerana Dia memerintahkan angin ribut
bertiup
dan meninggikan gelombang-gelombang
laut.
- 26 Mereka naik ke arah langit, mereka turun ke
laut dalam;
jiwa mereka lebur dalam kesusahan.
- 27 Mereka terumbang-ambing dan terhuyung-
hayang seperti orang mabuk,
dan kehilangan akal.
- 28 Kemudian mereka berseru kepada Tuhan
dalam kesusahan mereka,
dan Dia membawa mereka keluar daripada
segala keazaban mereka.
- 29 Dia menenangkan ribut;
maka laut tidak bergelora lagi.
- 30 Maka mereka bersukacita kerana telah
tenang,
lalu Dia memandu mereka ke tempat
berteduh yang diingini mereka.

- 31 Biarlah manusia bersyukur kepada Tuhan
kerana kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang
menakjubkan untuk anak-anak manusia.
- 32 Biarlah mereka meninggikan-Nya juga dalam
perhimpunan orang
dan memuji-Nya dalam kalangan tua-tua.
- 33 Dia menukar sungai menjadi gurun,
dan mata air menjadi tanah kering,
- 34 tanah yang subur menjadi tandus,
kerana kezaliman mereka yang tinggal di situ.
- 35 Dia menukar gurun menjadi kolam-kolam air
dan tanah kering menjadi mata air;
- 36 di sana Dia menempatkan orang yang
kelaparan,
supaya mereka membina kota sebagai
tempat tinggal.
- 37 Dan menyemai benih di ladang dan
menanam anggur di kebun
untuk mendapat hasil yang mewah;
- 38 Dia juga memberkati mereka, lalu mereka
beranak-pinak dengan ramainya,
dan Dia tidak membiarkan lembu ternakan
mereka berkurangan.
- 39 Apabila mereka dijadikan kecil dan lemah
dengan penindasan, derita serta kesedihan,
- 40 Dia mencurahkan kehinaan ke atas orang
bangsawan

dan membuat mereka merayau di gurun
serta sesat di situ.

⁴¹ Sebaliknya, Dia mengangkat tinggi orang
sesak jauh daripada derita
dan menjadikan keluarga mereka seperti
kawanan domba.

⁴² Orang yang tulus melihatnya dan bersukacita,
serta seluruh kejahatan membisu.

⁴³ Sesiapa yang bijaksana akan memerhatikan
semua ini
dan akan mengerti kasih Tuhan.

Sebuah nyanyian. Mazmur Daud.

108 ¹ Ya Allah, hatiku teguh;
aku akan menyanyi dan menggubah
pujian, ya, dengan seluruh jiwaku.

² Bangunlah, gambus dan kecapi!
Aku akan membangunkan fajar.

³ Aku akan memuji-Mu, ya Tuhan, dalam
kalangan bangsa-bangsa;
dan aku akan menyanyi untuk-Mu dalam
kalangan umat manusia.

⁴ Kerana kasih-Mu besar menjangkau langit;
dan kesetiaan-Mu mencapai awan.

⁵ Maha Tinggi Engkau, ya Tuhan, memerintah
langit,
dan kemuliaan-Mu di atas seluruh bumi.

⁶ Supaya orang yang Kaukasihi dapat
diselamatkan,

lepaskanlah dengan tangan kanan-Mu dan
dengarlah rayuanku.

⁷ Allah telah berfirman dalam kesucian-Nya:

“Aku akan bergembira; Aku akan
membahagikan tanah Sikhem dan
mengukur serta mengagihkan Lembah
Sukot.

⁸ Gilead milik-Ku, Manasye milik-Ku;

Efraim juga topi besi-Ku, Yehuda tongkat
kerajaan-Ku.

⁹ Moab tempat pembasuhan-Ku,

ke atas Edom akan Kulemparkan kasut-Ku; ke
atas Filistea Aku akan bersorak menang.”

¹⁰ Siapa akan membawaku ke dalam kota
perkasa itu?

Siapa akan memimpinku ke Edom?

¹¹ Bukankah Engkau, ya Allah, yang menyingkiri
kami

dan Engkau, ya Allah, yang tidak menyertai
tentera kami?

¹² Berilah kami pertolongan daripada
kesusahan,

kerana pertolongan manusia tidak berguna.

¹³ Melalui Allah, kita akan berjuang dengan
berani,

kerana Dialah yang akan menumpaskan
musuh kita.

Untuk pemimpin muzik.**Mazmur Daud.**

- 109** ¹ Janganlah membisu, ya Allah yang kupuji,
² kerana mulut orang zalim dan mulut orang berdusta
telah dibuka mengatuku; mereka telah memfitnahku dengan lidah berdusta.
³ Mereka juga telah mengelilingiku dengan kata-kata kebencian;
dan memerangiku tanpa sebab.
⁴ Sebagai balasan kasihku mereka menjadi pendakwaku,
namun aku menumpukan diriku kepada berdoa.
⁵ Demikianlah mereka membalas kebaikanku dengan kejahatan,
dan kasihku dengan kebencian.
⁶ Letakkanlah dia di bawah kuasa orang durjana;
dan biarlah seorang pendakwa berdiri di sebelah tangan kanannya.
⁷ Apabila dia dihakimi, biarlah dia didapati bersalah,
dan biarlah doanya menjadi hukuman.

- ⁸ Biarlah umurnya pendek;
dan orang lain mengambil jawatan
kepimpinannya.
- ⁹ Biarlah anak-anaknya menjadi anak yatim
dan isterinya menjadi balu.
- ¹⁰ Biarlah anak-anaknya menjadi pengemis
tanpa tempat berteduh;
biarlah mereka mencari makan dari
tempat-tempat mereka yang telah runtuh.
- ¹¹ Biarlah pemiutang merampas segala
hartanya;
dan biarlah orang lain merompak hasil
jerihnya.
- ¹² Biarlah tiada siapa pun mengasihaniya,
biarlah tiada seorang pun menyukai
anak-anaknya yang menjadi yatim.
- ¹³ Biarlah semua benihnya dimusnahkan,
dan nama mereka dilupakan oleh keturunan
akan datang.
- ¹⁴ Biarlah dosa nenek moyangnya diingati di
hadapan Tuhan;
dan janganlah dosa ibunya diampunkan.
- ¹⁵ Biarlah dosa mereka sentiasa diingati Tuhan,
supaya Dia melupakan mereka daripada
ingatan manusia di bumi.

- ¹⁶ Kerana dia tidak teringat hendak berbuat baik,
tetapi dia menganiaya orang yang miskin dan sesak malah dia membunuh orang yang merana.
- ¹⁷ Kerana dia suka menyumpah –
biarlah sumpahnya berbalik kepadanya;
kerana dia tidak suka memberkati –
biarlah berkat jauh daripadanya.
- ¹⁸ Kerana dia membiasakan dirinya dengan sumpahan seperti pakaian;
biarlah sumpahan itu masuk ke tubuhnya seperti air, dan ke tulangnya seperti minyak.
- ¹⁹ Biarlah sumpahan itu seperti pakaian yang menyalutinya,
dan tali pinggang yang sentiasa dipakainya.
- ²⁰ Biarlah ini menjadi balasan Tuhan kepada mereka yang mendakwaku,
dan kepada mereka yang menuturkan kejahatan tentangku.
- ²¹ Tetapi Engkau, ya Allah, ya Tuhanku,
tolonglah aku demi nama-Mu; kerana Engkau pengasih, selamatkanlah aku.
- ²² Kerana aku miskin dan sesak, dan memerlukan pertolongan,
dan hatiku luka dalamku.

- ²³ Aku kian lenyap seperti bayang-bayang ketika
memanjang;
aku dikebas seperti belalang.
- ²⁴ Lututku lemah kerana berpuasa;
dan tubuhku tinggal kulit dan tulang.
- ²⁵ Aku juga telah menjadi celaan orang;
apabila mereka melihatku, mereka
menggeleng-geleng kepala.
- ²⁶ Tolonglah aku, ya Tuhan, Allahku;
selamatkanlah aku demi kasih-Mu.
- ²⁷ Supaya mereka tahu bahawa ini kerja
tangan-Mu,
bahawa Engkau, ya Tuhan, yang
melakukannya.
- ²⁸ Biarlah mereka menyumpah, tetapi Engkau
memberkati;
apabila mereka bangkit, biarlah mereka
berasa malu, tetapi biarlah hamba-Mu
bergembira.
- ²⁹ Biarlah pendakwa-pendakwaku disaluti
malu,
biarlah mereka melitupi tubuh dengan
keauban seperti jubah.
- ³⁰ Aku akan memberi pujian tinggi kepada
Tuhan dengan lidahku;

ya, aku akan memuji-Nya dalam kalangan orang ramai.

- ³¹ Kerana Dia akan berdiri di sebelah kanan orang miskin, untuk menyelamatkannya daripada orang yang menjatuhkan hukum mati.

Mazmur Daud.

110 ¹ Tuhan berfirman kepada Tuanku:
“Duduklah di sebelah kanan-Ku sehingga Kujadikan musuh-Mu alas kaki-Mu.”

- ² Tuhan akan menghantar tongkat kekuatan-Mu dari Sion; memerintahkan di tengah-tengah musuh-Mu.

- ³ Kaum-Mu akan bekerja sukarela pada masa Engkau berkuasa.

Dalam keindahan kesucian dari fajar pagi, Engkau memiliki kesegaran embun usia muda-Mu.

- ⁴ Tuhan telah bersumpah dan tidak akan mungkir:

“Engkau menjadi imam untuk selama-lamanya, menurut peraturan Melkisedek.”

- ⁵ Tuhan di sebelah kanan-Mu;

110:1: Mat 22:44; Mrk 12:36; Luk 20:42,43; Kis 2:34,35; 1Kor 15:25; Ef 1:20-22; Kol 3:1; Ibr 1:13; 8:1; 10:12,13.

110:4: Ibr 5:6; 6:20; 7:17,21.

Dia akan membunuh raja-raja ketika Dia murka.

⁶ Dia akan menghakimi dalam kalangan bangsa-bangsa,
Dia akan memenuhi serata tempat dengan mayat, Dia akan memusnahkan pemerintah banyak negeri.

⁷ Dia akan minum air sungai di tepi jalan; maka Dia akan mengangkat kepala.

111 ¹ Pujilah Tuhan!
Aku akan memuji Tuhan dengan sepenuh hatiku dalam perhimpunan orang tulus dan dalam jemaah.

² Sungguh besar perbuatan Tuhan; dikaji oleh semua yang berasa ria kerananya.

³ Perbuatan-Nya mulia dan agung, dan perbenaran-Nya^e kekal selama-lamanya.

⁴ Dia telah menghasilkan kerja-Nya yang menakjubkan untuk diingati; Tuhan penuh kasih kurnia dan belas kasih.

⁵ Dia telah memberi makanan kepada mereka yang takut kepada-Nya;

Dia akan sentiasa ingat akan perjanjian-Nya.

^e**111:3** Rangkaian kata 'Perbenaran-Nya' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kebaikan Tuhan dan sifat-Nya yang benar serta adil.

- ⁶ Dia telah mengisytiharkan kepada umat-Nya
kuasa hasil kerja-Nya,
dalam memberi mereka warisan pusaka
bangsa-bangsa.
- ⁷ Hasil kerja tangan-Nya adalah kesetiaan dan
keadilan;
semua ajaran-Nya pasti.
- ⁸ Semuanya berdiri kukuh selama-lamanya,
dan dibuat dalam kebenaran serta ketulusan.
- ⁹ Dia telah menghantar kebebasan kepada
umat-Nya;
Dia telah memberikan perintah tentang
perjanjian-Nya untuk selama-lamanya –
Maha Kudus dan Maha Tinggi nama-Nya.
- ¹⁰ Takut akan Tuhan permulaan kebijaksanaan;
pengertian yang sempurna ada pada semua
yang mentaati perintah-perintah-Nya.
Pujian bagi-Nya kekal selama-lamanya.

112 ¹ Pujilah Tuhan!
Diberkatilah orang yang takut akan
Tuhan,
yang menikmati keriaan daripada
perintah-perintah-Nya.

- ² Anak cucunya akan berkuasa di atas bumi;
keturunan orang tulus akan diberkati.
- ³ Harta kekayaan akan dimiliki keluarganya,

- dan perbenarannya^f kekal selama-lamanya.
- ⁴ Bagi orang tulus cahaya muncul dalam kegelapan,
Dia penuh pengasih, penyayang dan benar.
- ⁵ Orang yang baik sentiasa pemurah dan rela meminjamkan,
dia mengendalikan urusannya dengan adil.
- ⁶ Sesungguhnya, dia tidak akan goyah;
orang yang benar akan diingati selama-lamanya.
- ⁷ Dia tidak akan takut kepada berita buruk;
hatinya teguh, percaya kepada Tuhan.
- ⁸ Hatinya tenteram, dia tidak akan gentar;
dan dia akan melihat kehendaknya berlaku ke atas musuhnya.
- ⁹ Dia telah menaburkan kurniannya merata-rata dalam kalangan orang miskin;
perbenarannya^g kekal selama-lamanya;
martabatnya akan ditinggikan dengan kehormatan.
- ¹⁰ Orang zalim akan melihatnya dan berduka,

^f**112:3** Perbenaran: Bahasa Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud perilaku seseorang yang benar, tulus serta salih.

^g**112:9** Dalam konteks ini, rangkaian kata 'perbenarannya' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' membawa maksud kebaikan, kemurahan dan keadilan.

akan menggertakkan gigi dan merana;
kehendak orang zalim tidak akan tercapai.

113 ¹ Pujilah Tuhan!
Pujilah, hai hamba-hamba Tuhan,
pujilah nama Tuhan.

² Terpujilah nama Tuhan,
dari saat ini dan selama-lamanya.

³ Daripada terbitnya hingga terbenamnya
matahari,
nama Tuhan dipuji.

⁴ Tuhan Maha Tinggi, jauh di atas semua
bangsa,
kemuliaan-Nya di atas seluruh langit.

⁵ Siapa yang seperti Allah Tuhan kita,
yang tinggal jauh di atas,

⁶ yang merendah diri-Nya sudi memandang
seisi langit dan bumi?

⁷ Dia mengangkat orang miskin daripada debu
dan orang yang sesak daripada timbunan
abu;

⁸ untuk mendudukkannya bersama raja-raja,
bersama raja-raja umat-Nya.

⁹ Dia mengekalkan perempuan mandul dalam
rumah tangga
sebagai ibu bahagia kepada anak-anak.

Pujilah Tuhan!

114 ¹ Apabila kaum Israel keluar dari Mesir,
keturunan Yakub daripada kalangan
bangsa berbahasa asing,
² Yehuda menjadi tempat suci-Nya,
dan Israel wilayah kekuasaan-Nya.
³ Laut melihatnya lalu lari,
Sungai Yordan berpatah balik;
⁴ gunung-ganang berlompatan seperti domba
jantan,
bukit-bukau seperti anak domba.
⁵ Mengapa kamu sampaikan lari, hai laut,
hai Yordan, mengapa berpatah balik,
⁶ hai gunung-ganang, mengapa berlompatan
seperti domba jantan,
hai bukit-bukau, seperti anak domba?
⁷ Gementarlah, hai bumi, di hadirat Tuhan,
di hadapan Allah Yakub,
⁸ yang telah mengubah batu pejal menjadi
kolam air,
dan batu api menjadi air pancuran.

115 ¹ Bukan kepada kami, ya Tuhan, bukan
kepada kami
tetapi kepada nama-Mu berilah kemuliaan,
kerana kasih-Mu, kerana kesetiaan-Mu.
² Mengapa bangsa-bangsa harus berkata,

114:1: Kel 12:51. **114:3 a:** Kel 14:21; **b:** Yos 3:16.

114:8: Kel 17:1-7; Bil 20:2-13.

“Di mana Allah mereka?”

- ³ Namun Allah kami di syurga;
Dia melakukan apa yang disukai-Nya.
- ⁴ Berhala mereka daripada perak dan emas,
buatan tangan manusia.
- ⁵ Berhala itu ada mulut tetapi tidak
berkata-kata,
ada mata, tetapi tidak melihat;
- ⁶ ada telinga, tetapi tidak mendengar,
ada hidung, tetapi tidak menghidu;
- ⁷ ada tangan, tetapi tidak memegang,
ada kaki, tetapi tidak berjalan;
juga tidak bersuara dari kerongkongnya.
- ⁸ Orang yang membuatnya serupalah
dengannya,
demikian juga semua yang percaya
kepadanya.
- ⁹ Hai kaum Israel, percayalah kepada Tuhan –
Dialah penolong dan perisai pelindungmu.
- ¹⁰ Hai keturunan Harun, percayalah kepada
Tuhan –
Dialah penolong dan perisai pelindungmu.
- ¹¹ Kamu yang takut akan Tuhan, percayalah
kepada-Nya –
Dialah penolong dan perisai pelindungmu.
- ¹² Tuhan ingat kepada kita,

Dia akan memberkati kita:

Dia akan memberkati keturunan kaum Israel,
Dia akan memberkati keturunan kaum Harun,

¹³ Dia akan memberkati semua yang takut akan
Tuhan –

baik yang berkedudukan rendah atau tinggi.

¹⁴ Semoga Tuhan memberimu semakin banyak
keturunan,
kamu dan anak-anakmu.

¹⁵ Semoga kamu diberkati oleh Tuhan,
yang menjadikan langit dan bumi.

¹⁶ Langit, malah seluruh angkasa, ialah milik
Tuhan,
tetapi bumi telah diberikan-Nya kepada
anak-anak manusia.

¹⁷ Orang mati tidak memuji Tuhan,
orang yang sudah turun ke alam sunyi;

¹⁸ tetapi kita akan menyanjung Tuhan,
dari saat ini dan untuk selama-lamanya.

Pujilah Tuhan!

116 ¹ Aku kasih akan Tuhan, kerana Dia
telah mendengar suaraku;
dan permohonanku.

² Kerana Dia telah menundukkan telinga-Nya ke
arahku,

maka aku akan menyeru-Nya seumur hidupku.

³ Azab maut telah mengelilingiku,
dan seksa kubur telah mencengkamku; aku
menanggung kesusahan dan kedukaan.

⁴ Lalu aku menyeru nama Tuhan:
“Ya Tuhan, aku merayu kepada-Mu,
selamatkanlah jiwaku!”

⁵ Tuhan penuh kasih kurnia serta benar;
ya, Allah kita penuh belas kasih.

⁶ Tuhan memelihara orang yang tulus;
ketika aku ditindas, Dia menyelamatkan aku.

⁷ Bertenanglah kembali, wahai jiwaku,
kerana Tuhan baik kepadamu.

⁸ Engkau telah melepaskan jiwaku daripada
maut,
mataku daripada air mata, dan kakiku
daripada tergelincir,

⁹ aku akan melangkah di hadapan Tuhan
di alam orang yang hidup.

¹⁰ Aku percaya; maka aku berkata,
“Aku ditimpa keazaban teruk.”

¹¹ Dalam kedukaanku, aku berkata,
“Semua manusia pendusta.”

¹² Apakah yang akan kupersembahkan kepada
Tuhan

untuk segala kebaikan-Nya kepadaku?

¹³ Aku akan mengangkat cawan penyelamatan dan menyeru nama Tuhan.

¹⁴ Aku akan menunaikan janjiku kepada Tuhan di hadapan seluruh umat-Nya.

¹⁵ Sungguh tinggi nilainya di mata Tuhan kematian orang warak-Nya.

¹⁶ Ya Tuhan, sesungguhnya aku hamba-Mu; aku hamba-Mu seperti ibuku dahulu; Engkau telah membukakan ikatanku.

¹⁷ Aku akan mempersembahkan kepada-Mu korban kesyukuran dan akan menyeru nama Tuhan.

¹⁸ Aku akan menunaikan janjiku kepada Tuhan di hadapan seluruh umat-Nya,

¹⁹ di balai-balai rumah Tuhan – di tengah-tengahmu, wahai Yerusalem.

Pujilah Tuhan!

117 ¹ Pujilah Tuhan, hai kamu semua bangsa; sanjunglah Dia, hai kamu semua umat manusia.

² Kerana kasih-Nya melimpah kepada kita, dan kesetiaan Tuhan kekal selama-lamanya.

Pujilah Tuhan!

118 ¹ Bersyukurlah kepada Tuhan kerana
kebaikan-Nya;
kasih-Nya kekal selama-lamanya.

² Biarlah Israel berkata:

“Kasih-Nya kekal selama-lamanya.”

³ Biarlah keturunan Harun berkata:

“Kasih-Nya kekal selama-lamanya.”

⁴ Biarlah mereka yang takut akan Tuhan
berkata:

“Kasih-Nya kekal selama-lamanya.”

⁵ Aku berseru kepada Tuhan dalam kesusahan,
Tuhan menjawabku dan meletakkan aku di
tempat yang lapang.

⁶ Tuhan memihak kepadaku; aku tidak akan
takut.

Apakah yang dapat dilakukan manusia
kepadaku?

⁷ Tuhan menyokongku dalam kalangan mereka
yang menolongku.

Oleh itu, aku akan melihat kehendakku
berlaku ke atas mereka yang membenciku.

⁸ Lebih baik menyandarkan kepercayaan
kepada Tuhan
daripada meletakkan keyakinan kepada
manusia.

- ⁹ Lebih baik berlindung kepada Tuhan daripada percaya kepada raja-raja.
- ¹⁰ Semua bangsa telah mengepungku, namun dengan nama Tuhan aku akan memusnahkan mereka.
- ¹¹ Mereka telah mengepungku, namun dengan nama Tuhan aku akan memusnahkan mereka.
- ¹² Mereka telah mengepungku seperti lebah, mereka dihapuskan seperti api daripada duri; kerana dengan nama Tuhan aku akan memusnahkan mereka.
- ¹³ Aku ditolak dengan ganas supaya aku tersungkur, tetapi Tuhan menolongku.
- ¹⁴ Tuhan adalah kekuatan dan nyanyianku; dan Dia telah menjadi penyelamatanku.
- ¹⁵ Suara kegembiraan dan penyelamatan memenuhi perkhemahan orang yang benar:
“Tangan kanan Tuhan gagah berani dan menang!
- ¹⁶ Tangan kanan Tuhan ditinggikan; tangan kanan Tuhan gagah berani dan menang!”
- ¹⁷ Aku tidak akan mati, aku hidup, dan mengisytiharkan hasil kerja Tuhan.

- 18 Tuhan telah menghukumku dengan berat,
tetapi Dia tidak membiarkan aku mati.
- 19 Bukakanlah untukku pintu yang benar;
aku akan masuk melaluinya dan akan memuji
Tuhan.
- 20 Inilah pintu Tuhan;
orang yang benar akan masuk melaluinya.
- 21 Aku akan memuji-Mu, kerana Engkau telah
menjawabku;
dan telah menjadi penyelamatanku.
- 22 Batu yang telah dibuang oleh pembina
telah menjadi batu penjuru;
- 23 Ini perbuatan Tuhan,
sungguh menakjubkan di mata kita.
- 24 Ini hari yang dijadikan oleh Tuhan;
kita akan bergembira dan bersukacita
kerananya.
- 25 Selamatkanlah sekarang, aku berdoa, ya
Tuhan;
Ya Tuhan, aku berdoa, hantarlah
kemakmuran.
- 26 Diberkatilah orang yang datang dalam nama
Tuhan.

118:22: Luk 20:17; Kis 4:11; 1Ptr 2:7.

118:22: Mat 21:42; Mrk 12:10,11. **118:25:** Mat 21:9; Mrk 11:9; Yoh 12:13. **118:26:** Mat 21:9; 23:39; Mrk 11:9; Luk 13:35; 19:38; Yoh 12:13.

Kami telah memberkatimu dari rumah
Tuhan.

²⁷ Allah adalah Tuhan,

dan Dia telah memberi kita cahaya.

Ikatlah korban dengan tali ke tanduk mazbah.

²⁸ Engkau Allahku, dan aku akan memuji-Mu;

Engkau Allahku, aku akan meninggikan-Mu.

²⁹ Bersyukurlah kepada Tuhan, kerana

kebaikan-Nya;

kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.

119 ¹ Diberkatilah orang yang tidak tercela
jalannya,

yang melangkah menurut hukum Tuhan.

² Diberkatilah mereka yang mematuhi

peraturan-Nya,

yang mencari-Nya dengan sepenuh hati.

³ Mereka juga tidak melakukan dosa;

mereka melangkah menurut jalan-Nya.

⁴ Engkau telah memerintahkan kami supaya

mematuhi ajaran-ajaran-Mu

dengan bersungguh-sungguh.

⁵ Oh, kalaulah cara-caraku ditunjukkan ke arah

mematuhi ketetapan-Mu!

⁶ Maka tidaklah aku malu

apabila aku meneliti segala perintah-Mu.

⁷ Aku akan memuji-Mu dengan tulus hati

apabila kupelajari hukum-Mu yang benar.

⁸ Aku akan mematuhi ketetapan-Mu;

- janganlah tinggalkan aku selama-lamanya.
- ⁹ Bagaimanakah seorang pemuda menyucikan jalannya?
Dengan berhati-hati menurut firman-Mu.
- ¹⁰ Dengan sepenuh hatiku aku telah mencari-Mu;
janganlah biarkan aku menyimpang daripada perintah-perintah-Mu.
- ¹¹ Firman-Mu telah kusimpan baik-baik dalam hatiku
supaya aku tidak berdosa terhadap-Mu.
- ¹² Terpujilah Engkau, ya Tuhan;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
- ¹³ Dengan bibirku telah kuisytiharkan segala hukum yang Kaufirmankan.
- ¹⁴ Aku telah bergembira dengan cara peraturan-Mu
seperti dengan segala kekayaan.
- ¹⁵ Aku akan merenung ajaran-ajaran-Mu dan memikirkan cara-cara-Mu.
- ¹⁶ Aku akan menikmati ketetapan-Mu;
aku tidak akan melupakan firman-Mu.
- ¹⁷ Limpahkanlah kurnia-Mu kepada hamba-Mu;
supaya aku dapat hidup dan mematuhi firman-Mu.
- ¹⁸ Bukakanlah mataku supaya aku dapat melihat

hal-hal yang menakjubkan daripada hukum-Mu.

- ¹⁹ Aku orang asing di bumi;
janganlah sembunyikan perintah-perintah-Mu daripadaku.
- ²⁰ Jiwaku resah mengingini hukum-hukum-Mu setiap waktu.
- ²¹ Engkau memarahi orang sombong yang dilaknati,
yang menyimpang daripada perintah-perintah-Mu.
- ²² Bebaskan aku daripada celaan dan hinaan,
kerana aku telah mematuhi peraturan-Mu.
- ²³ Raja-raja juga duduk mengatuku,
tetapi hamba-Mu merenung ketetapan-Mu.
- ²⁴ Peraturan-Mu juga memberiku nikmat dan bimbingan.
- ²⁵ Jiwaku melekap ke debu;
pulihkanlah aku menurut firman-Mu.
- ²⁶ Aku telah mengakui gerak-geriku dan Engkau telah menjawabku;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
- ²⁷ Biarlah aku mengerti jalan ajaran-ajaran-Mu;
supaya aku merenung perbuatan-Mu yang menakjubkan.
- ²⁸ Jiwaku lebur ditekan kemuraman;
teguhkanlah aku menurut firman-Mu.
- ²⁹ Bebaskan aku daripada jalan dusta;

dan berilah aku hukum-Mu dengan limpah
kasih kurnia.

- ³⁰ Aku telah memilih jalan kebenaran;
hukum-hukum-Mu telah kuletakkan di
hadapanku.
- ³¹ Aku berpegang teguh pada peraturan-Mu;
Ya Tuhan, jangan malukan aku.
- ³² Aku akan terus-menerus mematuhi
perintah-perintah-Mu,
kerana Engkau melapangkan hatiku.
- ³³ Ajarlah aku, ya Tuhan, jalan ketetapan-Mu;
aku akan mematuhinya hingga ke akhir.
- ³⁴ Berilah aku pengertian, aku akan mematuhi
hukum-Mu;
sesungguhnya, aku akan mentaatinya
dengan sepenuh hatiku.
- ³⁵ Biarlah aku melangkah di jalan perintah-
perintah-Mu,
kerana aku bahagia dengannya.
- ³⁶ Cenderungkanlah hatiku kepada peraturan-
Mu,
bukan kepada ketamakan.
- ³⁷ Alihkanlah mataku daripada memandang
segala yang tidak berfaedah;
dan pulihkan aku di jalan-Mu.
- ³⁸ Tegakkan firman-Mu bagi hamba-Mu,
yang sepenuh hari takut kepada-Mu.
- ³⁹ Palingkan daripadaku celaan yang kutakuti,

kerana hukum-hukum-Mu baik.

⁴⁰ Sesungguhnya, aku merindui ajaran-ajaran-Mu!

Pulihkan aku dalam perbenaran-Mu.^h

⁴¹ Biarlah kasih setia-Mu juga datang kepadaku, ya Tuhan,

penyelamatan-Mu menurut janji-Mu;

⁴² dengan demikian aku akan mempunyai jawapan untuk orang yang mencelaku, kerana kusandakan kepercayaan kepada firman-Mu.

⁴³ Janganlah singkirkan kata benar daripada mulutku,

kerana aku berharap kepada hukum-Mu.

⁴⁴ Dengan demikian aku akan tetap mematuhi hukum-Mu,

selama-lamanya.

⁴⁵ Dan aku akan melangkah dengan bebas, kerana aku mencari ajaran-ajaran-Mu.

⁴⁶ Aku akan berbicara tentang peraturan-Mu juga di hadapan raja-raja

dan tidak akan malu,

⁴⁷ dan aku akan berbahagia dengan perintah-perintah-Mu

^h**119:40** Rangkaian kata “Perbenaran-Mu” yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, ‘tседаqah’ merangkumi maksud kebaikan Tuhan dan sifat-Nya yang benar serta adil.

yang kukasihi.

- 48 Aku mengangkat tanganku kepada perintah-perintah-Mu yang dikasihi, dan aku akan merenung ketetapan-Mu.
- 49 Ingatlah firman-Mu kepada hamba-Mu, dengannya Engkau telah memberiku harapan.
- 50 Inilah yang melipurkan aku dalam kesakitanku:
Firman-Mu memberiku hidup.
- 51 Orang yang sombong mentertawakan aku, namun aku tidak berpaling daripada hukum-Mu.
- 52 Aku ingat akan hukum-hukum-Mu dahulu, Ya Tuhan, dan aku melipurkan diriku.
- 53 Kemarahan telah memenuhiku kerana orang zalim,
yang meninggalkan hukum-Mu.
- 54 Ketetapan-Mu telah menjadi nyanyianku dalam perjalanan ibadatku.
- 55 Aku ingat akan nama-Mu pada waktu malam, Ya Tuhan, dan aku mematuhi hukum-Mu.
- 56 Ini telah menjadi milikku:
kerana aku telah mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
- 57 Engkaulah yang ada padaku, ya Tuhan; aku telah berjanji untuk mematuhi firman-Mu.

- 58 Aku memohon keredaan-Mu dengan
sepenuh hatiku;
kasihanilah aku menurut firman-Mu.
- 59 Aku memikirkan gerak-geriku
lalu aku melangkah ke arah peraturan-Mu.
- 60 Aku bertindak segera,
aku tidak berlengah-lengah mematuhi
perintah-perintah-Mu.
- 61 Tali orang zalim telah mengikatku,
tetapi aku tidak melupakan hukum-Mu.
- 62 Pada tengah malam aku akan bangun untuk
mengucap syukur kepada-Mu
kerana hukum-hukum-Mu yang benar.
- 63 Aku teman kepada semua yang takut
kepada-Mu,
dan mereka yang mematuhi ajaran-ajaran-
Mu.
- 64 Bumi ini, ya Tuhan, penuh dengan kasih-Mu;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
- 65 Engkau telah memperlakukan hamba-Mu
dengan baik,
Ya Tuhan, menurut firman-Mu.
- 66 Ajarlah aku pengetahuan dan pertimbangan
yang baik,
kerana aku percaya kepada perintah-
perintah-Mu.
- 67 Sebelum aku ditimpa kesusahan, aku
menyeleweng,

- tetapi sekarang aku mematuhi firman-Mu.
- ⁶⁸ Engkau baik, dan berbuat baik;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
- ⁶⁹ Orang yang sombong telah berbuat dusta
tentangku,
tetapi aku akan mematuhi ajaran-ajaran-Mu
dengan sepenuh hatiku.
- ⁷⁰ Hati mereka setebal lemak,
tetapi aku bahagia dengan hukum-Mu.
- ⁷¹ Kesusahan yang menimpaku baik bagiku
kerananya aku mempelajari ketetapan-Mu.
- ⁷² Hukum yang Kaufirmankan lebih baik bagiku
daripada
ribuan keping wang emas dan perak.
- ⁷³ Tangan-Mu telah menciptaku dan
membentukku;
berilah aku pengertian supaya aku dapat
mempelajari perintah-perintah-Mu.
- ⁷⁴ Mereka yang takut kepada-Mu akan
bersukacita apabila melihatku,
kerana aku telah menyandarkan harapan
kepada firman-Mu.
- ⁷⁵ Aku tahu, ya Tuhan, bahawa hukum-hukum-
Mu benar,
dan kerana kesetiaan-Mu Engkau telah
menimpakan kesusahan ke atasku.
- ⁷⁶ Aku berdoa, biarlah kasih setia-Mu
melipurkan aku,

- menurut janji-Mu kepada hamba-Mu.
- 77 Limpahkanlah belas kasih-Mu kepadaku
supaya aku dapat hidup,
kerana hukum-Mu bahagiaku.
- 78 Biarlah orang yang sombong menanggung
malu kerana mereka telah menzalimiku
dengan fitnah;
tetapi aku akan merenung ajaran-ajaran-Mu.
- 79 Biarlah mereka yang takut kepada-Mu
berpaling kepadaku,
mereka yang mengetahui peraturan-Mu.
- 80 Biarlah hatiku tidak bercela terhadap
ketetapan-Mu,
supaya aku tidak menanggung malu.
- 81 Jiwaku lesu merindui penyelamatan-Mu,
tetapi kusandakan harapan kepada
firman-Mu.
- 82 Mataku kabur mencari firman-Mu;
dan aku berkata, "Bilakah Engkau akan
melipurkan aku?"
- 83 Kerana aku telah menjadi seperti kirbat yang
diasapi,
namun aku tidak melupakan ketetapan-Mu.
- 84 Berapa lamakah hamba-Mu akan menunggu?
Bilakah Engkau akan menghukum mereka
yang menganiaya aku?
- 85 Orang yang sombong telah menggali lubang
untukku,

- ini tidak menurut hukum-Mu.
- ⁸⁶ Semua perintah-Mu benar;
mereka bersalah menganiaya aku; tolonglah
aku.
- ⁸⁷ Mereka hampir menamatkan riwayatku di
bumi ini,
tetapi aku tidak meninggalkan ajaran-ajaran-
Mu.
- ⁸⁸ Pulihkan aku dengan kasih sayang-Mu,
supaya aku mematuhi peraturan yang
Kaufirmankan.
- ⁸⁹ Untuk selama-lamanya, ya Tuhan;
firman-Mu bertapak di syurga.
- ⁹⁰ Kesetiaan-Mu kekal zaman-berzaman;
Engkau mengasaskan bumi dan ia tetap ada.
- ⁹¹ Segalanya berterusan hari ini menurut
peraturan-Mu,
kerana semuanya hamba-Mu.
- ⁹² Kalaulah tidak kerana hukum-Mu bahagiaku,
tentulah aku binasa menanggung
penderitaan.
- ⁹³ Aku tidak akan melupakan ajaran-ajaran-Mu
selama-lamanya,
kerana dengannya Engkau telah memberiku
hidup.
- ⁹⁴ Aku milik-Mu, selamatkanlah aku;
kerana aku telah mencari ajaran-ajaran-Mu.

- ⁹⁵ Orang zalim menantiku untuk
memusnahkanku,
tetapi aku akan memikirkan peraturan-Mu.
- ⁹⁶ Aku telah melihat kemuncak segala
kesempurnaan;
tetapi perintah-Mu maha luas.
- ⁹⁷ Oh, betapa kucintai hukum-Mu!
Aku merenungnya sepanjang hari.
- ⁹⁸ Engkau, melalui perintah-perintah-Mu,
menjadikan aku lebih bijaksana daripada
musuhku,
kerana perintah-perintah-Mu sentiasa
bersamaku.
- ⁹⁹ Aku mempunyai pengertian yang lebih dalam
daripada semua guruku,
kerana peraturan-Mu menjadi renunganku.
- ¹⁰⁰ Aku mengerti lebih daripada penatuaku,
kerana aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
- ¹⁰¹ Aku telah mengawal kakiku daripada setiap
jalan kejahatan
supaya aku dapat mematuhi firman-Mu.
- ¹⁰² Aku tidak menyimpang daripada
hukum-hukum-Mu,
kerana Engkau sendiri telah mengajarku.
- ¹⁰³ Betapa manisnya kata-kata-Mu bagiku,
lebih manis daripada madu bagi lidahku!
- ¹⁰⁴ Melalui ajaran-ajaran-Mu aku mendapat
pengertian;

oleh itu, aku membenci setiap jalan yang palsu.

¹⁰⁵ Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku.

¹⁰⁶ Aku telah bersumpah dan menegaskan, bahawa aku akan mematuhi hukum-hukum-Mu yang benar.

¹⁰⁷ Aku menanggung kesusahan yang amat berat; pulihkanlah aku, ya Tuhan, menurut firman-Mu.

¹⁰⁸ Aku berdoa, terimalah puji-pujianku yang kupersembahkan dengan sepenuh kerelaan, ya Tuhan, dan ajarlah aku hukum-hukum-Mu.

¹⁰⁹ Nyawaku sentiasa terancam, namun aku tidak melupakan hukum-Mu.

¹¹⁰ Orang zalim telah memasang jerat untukku, namun aku tidak menyimpang daripada ajaran-ajaran-Mu.

¹¹¹ Peraturan-Mu telah kuambil sebagai warisan selama-lamanya; kerana ia menggembirakan hatiku.

¹¹² Aku telah mencenderungkan hatiku untuk menjalankan ketetapan-Mu selama-lamanya, hingga ke akhir.

¹¹³ Aku membenci orang yang curang, tetapi aku mencintai hukum-Mu.

- 114 Engkaulah perlindunganku dan perisaiku;
aku menyandarkan harapan kepada
firman-Mu.
- 115 Pergilah daripadaku, hai orang yang berbuat
jahat,
kerana aku akan mematuhi perintah-perintah
Allahku!
- 116 Teguhkanlah aku menurut firman-Mu,
supaya aku dapat hidup;
dan jangan biarkan aku malu kerana
harapanku.
- 117 Tegakkanlah aku, maka aku akan selamat;
dan aku akan sentiasa mentaati ketetapan-
Mu.
- 118 Engkau menolak kesemua mereka yang
menyimpang daripada ketetapan-Mu,
kerana mereka memperdaya dan itu adalah
pendustaan.
- 119 Engkau menyingkirkan semua orang zalim di
bumi seperti barang tidak berguna;
oleh itu, aku mencintai peraturan-Mu.
- 120 Tubuhku gementar kerana takut kepada-Mu;
dan aku takut akan penghakiman-Mu.
- 121 Aku telah melakukan keadilan dan
kebenaran;
janganlah tinggalkan aku di tangan
penindasku.
- 122 Jadilah penjamin hamba-Mu;

- jangan biarkan orang sombong menindasku.
123 Matakubukabur mencari penyelamatan-Mu,
dan mencari firman-Mu yang benar.
124 Perlakukan hamba-Mu berdasarkan kasih
setia-Mu
dan ajarlah aku ketetapan-Mu.
125 Akuhamba-Mu; berilah aku pengertian
supaya aku dapat mengetahui peraturan-Mu.
126 Sudah sampai masanya Engkau bertindak,
ya Tuhan,
kerana mereka menganggap hukum-Mu
batal.
127 Justeru aku mencintai perintah-perintah-Mu
lebih daripada emas, ya, daripada emas
tulen,
128 justeru semua ajaran-Mu tentang semua
perkara kuanggap benar,
aku membenci setiap jalan yang palsu.
129 Peraturan-Mu menakjubkan;
oleh itu jiwaku mematuhinya.
130 Kedatangan firman-Mu membawa cahaya;
memberi pengertian kepada orang yang
tulus.
131 Akumembuka mulut dan tercungap-cungap,
kerana aku merindui perintah-perintah-Mu.
132 Pandanglah aku dan kasihanilah aku,
sebagaimana yang biasa Kaulakukan kepada
mereka yang mencintai nama-Mu.

- 133 Pandulah langkahku dengan firman-Mu;
dan jangan biarkan dosa menguasaiku.
- 134 Lepaskan aku daripada penindasan manusia,
supaya aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
- 135 Limpahkanlah sinar wajah-Mu ke atas
hamba-Mu
dan ajarlah aku ketetapan-Mu.
- 136 Air mataku mengalir laksana sungai,
kerana manusia tidak mematuhi hukum-Mu.
- 137 Maha Benar Engkau, ya Tuhan,
dan adil semua penghakiman-Mu.
- 138 Peraturan-Mu yang telah Kauperintahkan
benar dan sungguh setia.
- 139 Semangatku telah membakar hatiku,
kerana musuhku telah melupakan
firman-Mu.
- 140 Janji-Mu sudah teruji,
dan hamba-Mu mencintainya.
- 141 Aku daif dan dihina,
namun aku tidak melupakan ajaran-ajaran-
Mu.
- 142 Keadilan-Mu kekal selama-lamanya
dan hukum-Mu benar.
- 143 Kesusahan dan kekhuatiran telah
menyelubungiku,
namun perintah-perintah-Mu bahagiaku.
- 144 Peraturan-Mu benar selama-lamanya;

berilah aku pengertian, maka aku akan hidup.

¹⁴⁵ Aku berseru dengan sepenuh hatiku;
dengarlah aku, ya Tuhan,
Aku akan mematuhi ketetapan-Mu.

¹⁴⁶ Aku berseru kepada-Mu; selamatkanlah aku,
maka aku akan mematuhi peraturan-Mu.

¹⁴⁷ Aku bangun sebelum fajar menyingsing, lalu berseru memohon pertolongan;
aku menyandarkan harapan kepada firman-Mu.

¹⁴⁸ Aku bercekang mata sepanjang malam, supaya dapat merenung janji-Mu.

¹⁴⁹ Dengarlah suaraku dengan kasih-Mu;
Ya Tuhan, pulihkanlah hidupku menurut hukum-Mu.

¹⁵⁰ Mereka yang mengikut jalan kejahatan semakin dekat,
mereka telah menjauhi hukum-Mu.

¹⁵¹ Namun Engkau dekat, ya Tuhan,
dan semua perintah-Mu ialah kebenaran.

¹⁵² Tentang peraturan-Mu, aku telah tahu dari dahulu
bahawa Engkau mengasaskannya untuk selama-lamanya.

¹⁵³ Pertimbangkanlah kesakitanku dan lepaskanlah aku,

- kerana aku tidak melupakan hukum-Mu.
154 Belalah dan tebuslah aku;
pulihkanlah hidupku menurut janji-Mu.
155 Penyelamatan jauh daripada orang zalim,
kerana mereka tidak mencari ketetapan-Mu.
156 Sungguh limpah belas kasih-Mu, ya Tuhan;
pulihkanlah hidupku menurut hukum-
hukum-Mu.
157 Besar bilangan penganiayaku dan musuhku,
namun aku tidak berpaling daripada
peraturan-Mu.
158 Aku melihat orang yang khianat dan aku
berasa meluat,
kerana mereka tidak mematuhi firman-Mu.
159 Pertimbangkanlah betapa aku mencintai
ajaran-ajaran-Mu;
pulihkanlah hidupku, ya Tuhan, dengan
kasih-Mu.
160 Seluruh firman-Mu benar;
dan seluruh hukum-Mu yang benar kekal
selama-lamanya.
161 Raja-raja menganiaya aku tanpa sebab,
tetapi hatiku mengagumi firman-Mu.
162 Aku bergembira dengan janji-Mu
umpama orang yang menjumpai harta yang
amat bernilai.
163 Aku benci dan jijik kepada pendustaan
tetapi aku mencintai hukum-Mu.

- 164 Tujuh kali sehari aku memuji-Mu
kerana hukum-hukum-Mu yang benar.
- 165 Sungguh besar kesejahteraan mereka yang
mencintai hukum-Mu,
dan tiada suatu pun menyebabkan mereka
tergelincir.
- 166 Ya, Tuhan, aku mengharapkan
penyelamatan-Mu,
dan aku menjalankan perintah-perintah-Mu.
- 167 Jiwaku mematuhi peraturan-Mu,
dan aku sungguh mencintainya.
- 168 Aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu dan
peraturan-Mu,
kerana semua langkahku terbentang di
hadapan-Mu.
- 169 Biarlah seruanku datang ke hadirat-Mu, ya
Tuhan;
berilah aku pengertian menurut firman-Mu.
- 170 Biarlah permohonanku datang ke
hadirat-Mu;
selamatkanlah aku menurut janji-Mu.
- 171 Bibirku akan melafazkan pujian,
kerana Engkau mengajarku ketetapan-Mu.
- 172 Lidahku akan bertutur tentang firman-Mu,
kerana semua perintah-Mu ialah kebenaran.
- 173 Biarlah tangan-Mu menolongku,
kerana aku telah memilih ajaran-ajaran-Mu.
- 174 Aku merindui penyelamatan-Mu, ya Tuhan,

dan hukum-Mu kebahagiaanku.

¹⁷⁵ Biarlah jiwaku hidup, maka ia akan
memuji-Mu,
dan biarlah hukum-hukum-Mu menolongku.

¹⁷⁶ Aku telah tersesat seperti domba yang
hilang.

Carilah hamba-Mu, kerana aku tidak
melupakan perintah-perintah-Mu.

Nyanyian ziarah.

120 ¹ Dalam kesusahanku aku berseru
kepada Tuhan,
dan Dia mendengar seruanku.

² Selamatkanlah jiwaku, ya Tuhan, daripada
bibir berdusta
dan lidah yang menipu.

³ Apakah yang akan diberikan kepadamu,
atau apakah yang akan dilakukan kepadamu,
hai kamu lidah yang palsu?

⁴ Dia akan menghukummu dengan anak-anak
panah tajam perwira,
dengan kayu arar yang menyala.

⁵ Betapa malangnya aku, kerana aku tinggal di
Mesekh,
di antara khemah Kedar!

⁶ Jiwaku telah tinggal terlalu lama dengan orang
yang membenci damai.

⁷ Aku menyokong damai;

tetapi apabila aku bersuara, mereka
menyokong perang.

Nyanyian ziarah.

121 ¹ Aku mengangkat mataku ke bukit –
dari manakah datangnya pertolongan
untukku?

² Pertolongan untukku datang daripada Tuhan,
yang menjadikan langit dan bumi.

³ Dia tidak akan membenarkan kakimu
diganjakkan –

Dia yang memeliharamu tidak akan lena;

⁴ ketahuilah, Dia yang memelihara Israel
tidak akan lena atau tidur.

⁵ Tuhan ialah pemeliharamu –

Tuhan ialah naunganmu di tangan kananmu;

⁶ matahari tidak akan menyakitimu sewaktu
siang,

atau bulan sewaktu malam.

⁷ Tuhan akan melindungimu daripada segala
kejahatan –

Dia akan melindungi jiwamu;

⁸ Tuhan akan melindungi pemergianmu dan
kepulanganmu

dari sekarang untuk selama-lamanya.

Nyanyian ziarah Daud.

122 ¹ Aku sukacita apabila mereka berkata
kepadaku,

“Marilah kita masuk ke rumah Tuhan.”

- ² Kaki kami telah berjejak dalam kawasanmu,
wahai Yerusalem.
- ³ Yerusalem telah dibina sebagai kota yang
padu padat dan mampat.
- ⁴ Di sana suku-suku pergi,
suku-suku umat Tuhan,
untuk mengucap syukur kepada nama Tuhan
selaras dengan peraturan bagi Israel.
- ⁵ Takhta-takhta ditempatkan di situ untuk
penghakiman,
takhta-takhta keluarga Daud.
- ⁶ Berdoalah untuk kesejahteraan Yerusalem:
“Semoga makmur mereka yang
mengasihimu.
- ⁷ Semoga kesejahteraan meliputi kawasanmu
dan kemakmuran memenuhi istana-
istanamu.”
- ⁸ Untuk saudara-saudara dan teman-temanku,
aku akan berkata sekarang, “Semoga
sejahtera di dalammu.”
- ⁹ Kerana Rumah Allah Tuhan kita,
aku akan berusaha untuk kebaikanmu.
- Nyanyian ziarah.**

123 ¹ Kepada-Mu kuangkat mataku,
wahai Engkau yang berada di langit.

- ² Lihatlah, sebagaimana mata seorang hamba
hanya memandang ke tangan tuannya,

sebagaimana mata jariah memandang ke
tangan cik puannya,
demikianlah mata kami memandang kepada
Tuhan Allah kami,
sehingga Dia berbelas kasihan kepada kami.
³ Kasihanilah kami, ya Tuhan, kasihanilah kami,
kerana kami sangat tertekan oleh
penghinaan.
⁴ Jiwa kami sebak kerana dicemuh oleh orang
yang bongkak,
dan dihina oleh orang yang sombong.
Nyanyian ziarah Daud.

124 ¹ Kalaulah tidak kerana Tuhan yang
memihak kami –
biarlah Israel berkata sekarang –
² kalaulah tidak kerana Tuhan yang memihak
kepada kami
ketika orang bangkit menentang kami,
³ tentulah mereka menelan kami hidup-hidup,
apabila kemarahan mereka dinyalakan
terhadap kami;
⁴ tentulah air menguasai kami,
arus menenggelamkan jiwa kami,
⁵ maka air yang naik melimpah
tentu menenggelamkan jiwa kami.
⁶ Terpujilah Tuhan,
yang tidak menyerahkan kami sebagai
mangsa ke rahang mereka.

- ⁷ Jiwa kami telah terlepas seperti burung
daripada jerat pemikat;
jerat telah koyak, dan kami telah terlepas.
- ⁸ Kami mendapat pertolongan daripada nama
Tuhan,
yang telah menjadikan langit dan bumi.
Nyanyian ziarah.

- 125** ¹ Mereka yang menyandarkan
kepercayaan kepada Tuhan seperti
Bukit Sion,
yang tidak dapat diganjak dan tetap
selama-lamanya.
- ² Sebagaimana gunung-ganang mengelilingi
Yerusalem,
begitulah Tuhan mengelilingi umat-Nya dari
sekarang untuk selama-lamanya.
- ³ Kerana kezaliman tidak akan bertakhta di
tanah yang diperuntukkan bagi orang yang
benar,
supaya orang yang benar tidak tergodanya
melakukan dosa.
- ⁴ Buatlah kebaikan, ya Tuhan, kepada mereka
yang baik,
dan kepada mereka yang tulus.
- ⁵ Bagi mereka yang berpaling kepada cara yang
penuh tipu daya
Tuhan akan membawa mereka pergi bersama
orang yang melakukan dosa.

Sejahteralah Israel.

Nyanyian ziarah.

126 ¹ Apabila Tuhan membawa pulang orang tawanan ke Sion, kami seperti orang bermimpi.

² Maka mulut kami dipenuhi dengan gelak ketawa, dan lidah kami dengan nyanyian.

Kemudian mereka berkata dalam kalangan bangsa,

“Tuhan telah melakukan perbuatan yang hebat-hebat untuk mereka.”

³ Tuhan telah melakukan perbuatan yang hebat-hebat untuk kami, dan kami bersukacita.

⁴ Pulihkanlah keadaan kami, ya Tuhan, seperti sungai-sungai di Negeb.

⁵ Mereka yang menyemai dengan air mata akan menuai dengan bahagia.

⁶ Orang yang sentiasa pergi sambil menangis, membawa benih untuk disemai, pasti akan datang lagi dengan bergembira, membawa hasil tuaiannya.

Nyanyian ziarah Salomo.

127 ¹ Melainkan Tuhan mendirikan rumah, sia-sialah tenaga orang yang membinanya.

Melainkan Tuhan menjaga kota,

sia-sialah pengawal berjaga malam.

² Sia-sia sahaja kamu bangun awal pagi, berjaga sampai larut malam, bertungkus-lumus untuk mencari makanan –

kerana demikianlah Dia memberikan tidur lena kepada orang yang dikasihi-Nya.

³ Ketahuilah, anak-anak ialah warisan daripada Tuhan,

hasil daripada rahim adalah suatu ganjaran.

⁴ Seperti anak-anak panah di tangan perwira, demikianlah anak-anak daripada usia muda seseorang.

⁵ Diberkatilah orang yang banyak mempunyai anak-anak panah demikian.

Mereka tidak akan malu tetapi akan berbicara dengan musuh mereka di pintu pagar.

Nyanyian ziarah.

128 ¹ Diberkatilah setiap orang yang takut akan Tuhan, yang melangkah di jalan-jalan-Nya.

² Apabila engkau makan hasil usaha tanganmu; engkau akan bahagia, dan segalanya baik bagimu.

³ Isterimu seperti pokok anggur yang berbuah di tengah-tengah rumahmu; dan anak-anakmu seperti pokok-pokok zaitun di keliling mejamu.

⁴ Ketahuilah, demikian akan diberkati orang yang takut kepada Tuhan.

⁵ Semoga Tuhan memberkatimu dari Sion sepanjang hayatmu; dan semoga engkau melihat kemakmuran Yerusalem,

⁶ ya, semoga kamu melihat anak-anak kepada anak-anakmu.

Sejahteralah Israel.

Nyanyian ziarah.

129 ¹ Sudah berkali-kali mereka menyakitiku sejak usia mudaku – biarlah Israel berkata sekarang –

² sudah berkali-kali mereka menyakitiku sejak usia mudaku, namun mereka tidak menundukkan aku.

³ Para pembajak membajak belakangku; mereka membuat alur-alur yang panjang.

⁴ Tuhan itu benar; Dia telah memutus-mutuskan tali orang zalim.

⁵ Biarlah kesemua mereka yang membenci Sion dimalukan dan diundurkan.

⁶ Biarlah mereka menjadi seperti rumput di atas bumbung rumah, yang layu sebelum tumbuh membesar;

⁷ yang tidak akan memenuhi segenggaman tangan penuai,

atau sepemeluk pengikat hasil tuaian.

⁸ Dan janganlah biarkan orang yang lalu dekat mereka berkata,

“Semoga kamu diberkati Tuhan; kami memberkatimu dengan nama Tuhan.”

Nyanyian ziarah.

130 ¹ Daripada deritaku yang dalam aku berseru kepada-Mu, ya Tuhan;

² Tuhan, dengarlah suaraku.

Berilah perhatian-Mu kepada suara permohonanku.

³ Jika Engkau, Tuhan, mengingati dosa, Ya Tuhan, siapa yang dapat bertahan?

⁴ Tetapi ada pengampunan dengan-Mu; supaya Engkau ditakuti.

⁵ Aku menantikan Tuhan, jiwaku menanti, dan kepada firman-Nya kusandakan harapan.

⁶ Jiwaku menantikan Tuhan lebih daripada penjaga menunggu pagi, ya, lebih daripada penjaga menunggu pagi.

⁷ Wahai Israel, berharaplah kepada Tuhan, kerana pada Tuhan ada kasih setia dan pada-Nya ada kebebasan yang berlimpah.

⁸ Dan Dia akan menebus Israel daripada segala dosanya.

Nyanyian ziarah Daud.

131 ¹ Tuhan, hatiku tidak angkuh,
dan mataku tidak bongkak;
aku juga tidak mengambil tahu tentang hal-hal
besar

atau perkara yang terlalu ajaib bagiku.

² Sesungguhnya, aku telah menenangkan dan
menenteramkan jiwaku;
seperti anak yang telah bercerai susu dengan
ibunya, demikianlah jiwaku.

³ Wahai Israel, sandarkanlah harapan kepada
Tuhan
dari sekarang untuk selama-lamanya.

Nyanyian ziarah.

132 ¹ Tuhan, ingatlah akan Daud
dan segala deritanya.

² Betapa dia bersumpah kepada Tuhan
dan berjanji kepada Yang Maha Perkasa,
Allah Yakub:

³ “Sesungguhnya, aku tidak akan masuk ke bilik
rumahku

atau baring di tempat tidurku yang selesa –

⁴ Aku tidak akan membenarkan mataku lena,
atau kelopak mataku lelap,

⁵ hingga aku dapat mencari tempat untuk
Tuhan,

tempat kediaman untuk Yang Maha Perkasa,
Allah Yakub.”

- ⁶ Ketahuilah, kami mendengar tentangnya di Efrata,
kami menjumpainya di padang di tengah-tengah Yaar:
- ⁷ “Marilah kita masuk ke dalam khemah-Nya;
marilah kita menyembah-Nya di alas kaki-Nya –
- ⁸ bangkitlah, ya Tuhan, ke tempat peristirahatan-Mu,
Engkau dan tabut kekuatan-Mu.
- ⁹ Biarlah imam-imam-Mu berpakaian perbenaran;ⁱ
dan biarlah umat-Mu yang warak bersorak bahagia.”
- ¹⁰ Untuk kesejahteraan hamba-Mu Daud,
janganlah singkirkan wajah orang yang Kauurapi.
- ¹¹ Tuhan telah bersumpah dengan benar kepada Daud,
Tuhan tidak akan mungkir: “Aku akan mendudukkan anak-anakmu di atas takhtamu –

ⁱ**132:9** Perbenaran: Sifat dan perbuatan yang benar, tulus dan adil.

132:6: 2Taw 6:41,42.

132:11: 2Sam 7:12-16; 1Taw 17:11-14; Mzm 89:3,4; Kis 2:30.

- ¹² jika anak-anakmu memegang janji-Ku
dan peraturan-Ku yang akan Kuajarkan
kepada mereka,
anak-anak mereka juga akan duduk di atas
takhtamu selama-lamanya.”
- ¹³ Kerana Tuhan telah memilih Sion,
Dia telah menghendakinya sebagai tempat
kediaman-Nya:
- ¹⁴ “Inilah tempat peristirahatan-Ku untuk
selama-lamanya;
di sini Aku akan tinggal, kerana Aku
menghendakinya –
- ¹⁵ Aku akan melimpahkan berkat ke atas
sumber makanannya;
Aku akan mengenyangkan orang miskinnya
dengan roti.
- ¹⁶ Aku juga akan memakaikan imam-imamnya
dengan penyelamatan,
dan orangnya yang salih akan bersorak
bahagia.
- ¹⁷ “Di situ Aku akan membuat tanduk Daud
bertumbuh;
Aku akan menyediakan lampu untuk dia yang
Kuurapi.
- ¹⁸ Musuhnya akan Kumalukan,

tetapi pada dirinya mahkota akan berkekalan.”

Nyanyian ziarah Daud.

133 ¹ Lihatlah, betapa baik dan menyenangkan hati apabila saudara-saudara seiman hidup bersama dengan bersatu-padu!

² Umpama minyak yang amat dihargai di atas kepala,

mengalir turun ke janggut,
janggut Harun,
mengalir turun di tepi jubahnya.

³ Umpama embun Hermon
menitik ke atas Bukit Sion.

Kerana di sanalah Tuhan memerintahkan berkat,
hidup selama-lamanya.

Nyanyian ziarah.

134 ¹ Dengarlah, pujilah Tuhan, kesemua kamu hamba Tuhan yang pada waktu malam melayani di rumah Tuhan.

² Angkatlah tanganmu di tempat suci dan pujilah Tuhan.

³ Semoga Tuhan yang menjadikan langit dan bumi memberkatimu dari Sion.

- 135** ¹ Pujilah Tuhan!
Pujilah nama Tuhan;
pujilah Dia, hai kamu hamba-hamba Tuhan,
² kamu yang berdiri di Rumah Tuhan,
di balai-balai Rumah Allah kita.
³ Pujilah Tuhan, kerana kebaikan-Nya;
nyanyikan pujian untuk nama-Nya, kerana
sungguh menyenangkan.
⁴ Kerana Tuhan telah memilih Yakub untuk
diri-Nya,
Israel untuk kesayangan-Nya yang istimewa.
⁵ Kerana aku tahu bahawa Tuhan Maha Besar,
dan Tuhan kita di atas semua tuhan.
⁶ Apa sahaja yang Tuhan berkenan,
dilakukan-Nya, di syurga dan di bumi, di
lautan dan di semua tempat yang dalam.
⁷ Dia membuat wap naik dari semua pelosok
bumi;
Dia menghantar kilat bersama hujan;
Dia mengeluarkan angin daripada
perbendaharaan-Nya.
⁸ Dia memusnahkan anak sulung Mesir,
baik manusia mahupun binatang.
⁹ Dia menghantar tanda dan keajaiban ke
kalanganmu, hai Mesir,
kepada Firaun dan semua hambanya.
¹⁰ Dia mengalahkan banyak bangsa
dan membunuh raja-raja perkasa –

- ¹¹ Sihon raja bangsa Amori,
Og raja Basan dan semua kerajaan di Kanaan
—
- ¹² lalu memberikan tanah mereka sebagai
warisan pusaka,
warisan pusaka kepada umat-Nya Israel.
- ¹³ Nama-Mu, ya Tuhan, kekal selama-lamanya,
kemasyhuran-Mu, ya Tuhan, turun-temurun
zaman-berzaman.
- ¹⁴ Kerana Tuhan akan menghakimi umat-Nya
dan Dia akan berbelas kasih ke atas
hamba-hamba-Nya.
- ¹⁵ Berhala bangsa-bangsa diperbuat daripada
perak dan emas,
hasil pertukangan tangan manusia.
- ¹⁶ Ia ada mulut, tetapi tidak berkata-kata,
ada mata tetapi tidak melihat;
- ¹⁷ ia ada telinga, tetapi tidak mendengar,
dan tiada nafas di mulutnya.
- ¹⁸ Orang yang membuatnya serupalah
dengannya,
demikian juga setiap orang yang
menyandarkan kepercayaan kepadanya.
- ¹⁹ Pujilah Tuhan, hai keturunan kaum Israel;
Pujilah Tuhan, hai keturunan kaum Harun;
- ²⁰ Pujilah Tuhan, hai keturunan kaum Lewi;

kamu yang takut akan Tuhan, pujilah Tuhan.

²¹ Pujilah Tuhan dari Sion,
yang tinggal di Yerusalem.

Pujilah Tuhan!

136 ¹ Bersyukurlah kepada Tuhan, kerana
Dia baik,

kasih-Nya kekal selama-lamanya.

² Bersyukurlah kepada Allah segala allah,
kasih-Nya kekal selama-lamanya.

³ Bersyukurlah kepada Tuhan segala tuhan,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;

⁴ kepada Dia yang satu-satunya melakukan
keajaiban besar,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;

⁵ kepada Dia yang dengan kebijaksanaan
menjadikan langit,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;

⁶ kepada Dia yang membentangkan bumi di
atas perairan,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;

⁷ kepada Dia yang menjadikan cahaya-cahaya
besar,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;

⁸ matahari untuk memerintah sewaktu siang,

136:1: 1Taw 16:34; 2Taw 5:13; 7:3; Ezh 3:11; Mzm 100:5; 106:1; 107:1; 118:1; Yer 33:11. **136:5:** Kej 1:1.

136:6: Kej 1:2. **136:7:** Kej 1:16.

kasih-Nya kekal selama-lamanya;
9 bulan dan bintang untuk memerintah sewaktu
malam,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
10 kepada Dia yang memusnahkan anak sulung
Mesir,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
11 dan mengeluarkan kaum Israel daripada
kalangan mereka,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
12 dengan tangan yang perkasa, dan lengan
yang terhulur;
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
13 kepada Dia yang membelah Laut Merah,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
14 dan membolehkan kaum Israel berjalan
melaluinya,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
15 tetapi menewaskan Firaun dan tenteranya di
Laut Merah,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
16 kepada Dia yang memandu umat-Nya
merentas gurun,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;

136:10: Kel 12:29. **136:11:** Kel 12:51.

136:13: Kel 14:21-29.

- ¹⁷ kepada Dia yang menggulingkan raja-raja
besar,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ¹⁸ dan membunuh raja-raja yang masyhur,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ¹⁹ Sihon raja orang Amori,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ²⁰ dan Og raja Basan,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ²¹ dan memberikan tanah mereka sebagai
warisan,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ²² warisan kepada hamba-Nya Israel,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ²³ kepada Dia yang ingat kepada kita sewaktu
kita tertindas,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ²⁴ dan menyelamatkan kita daripada musuh
kita,
kasih-Nya kekal selama-lamanya;
- ²⁵ Dia memberikan makanan kepada semua
mahluk,
kasih-Nya kekal selama-lamanya.
- ²⁶ Bersyukurlah kepada Allah di syurga,
kasih-Nya kekal selama-lamanya.

- 137** ¹ Di tebing sungai-sungai Babel, di sanalah kami duduk dan menangis ketika mengenang Sion.
- ² Dalam demikian kami gantungkan kecapi di pokok gandarusa,
- ³ kerana di sana mereka yang membawa kami sebagai orang tawanan meminta kami menyanyi,
dan mereka yang telah merampas milik kami meminta hiburan;
dengan berkata, “Nyanyikanlah untuk kami salah satu lagu Sion!”
- ⁴ Betapa mungkin kami nyanyikan lagu Tuhan di tanah asing?
- ⁵ Jika aku melupakan engkau, wahai Yerusalem, biarlah tangan kananku melupakan kemahirannya.
- ⁶ Jika aku tidak ingat kepadamu,
biarlah lidahku melekat ke langit-langitku, jika aku tidak meninggikan Yerusalem di atas kebahagiaanku yang utama.
- ⁷ Ingatlah, ya Tuhan, betapa anak-anak Edom pada hari Yerusalem berkata, “Runtuhkan, runtuhkan sampai ke asas-asasnya!”
- ⁸ Hai anak perempuan Babel, yang akan dimusnahkan,

berbahagialah orang yang membalas
perbuatanmu kerana apa yang telah
kaulakukan kepada kami –

⁹ berbahagialah orang yang meragut dan
menghempaskan anak-anak kecilmu ke batu
pejal.

Mazmur Daud.

138 ¹ Aku akan memuji-Mu dengan seluruh
hatiku, ya Tuhan;

di hadapan “tuhan-tuhan” aku akan
menyanyikan pujian untuk-Mu.

² Aku akan menyembah ke arah Bait Suci-Mu
dan memuji nama-Mu kerana kasih dan
kesetiaan,

kerana Engkau telah meninggikan firman-Mu
dan nama-Mu di atas segala sesuatu.

³ Pada hari aku berseru, Engkau telah menjawab
aku;
dan menjadikan aku berani dengan kekuatan
dalam jiwaku.

⁴ Semua raja di bumi akan memuji-Mu, ya
Tuhan,
apabila mereka mendengar kata-kata
daripada mulut-Mu.

⁵ Ya, mereka akan menyanyi tentang cara-cara
Tuhan,
kerana sungguh besar kemuliaan Tuhan.

- ⁶ Meski Tuhan Maha Tinggi, namun Dia mengambil berat tentang orang yang dihinakan, tetapi orang angkuh dikenal-Nya dari jauh.
- ⁷ Meski aku berjalan di tengah-tengah kesusahan, Engkau akan memulihkan aku; Engkau akan menghulurkan tangan-Mu menentang kemarahan musuhku, dan tangan kanan-Mu akan menyelamatkan aku.
- ⁸ Tuhan akan menyempurnakan hal ehwaluku; kasih-Mu, ya Tuhan, kekal selama-lamanya – janganlah tinggalkan hasil kerja tangan-Mu.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

139 ¹ Ya Tuhan, Engkau telah menelitiku dan mengenalku.

² Engkau mengenal dudukku dan berdiriku; Engkau memahami fikiranku dari jauh.

³ Engkau meneliti jalanku dan baringku; serta mengerti semua caraku.

⁴ Sebelum ada sepatah kata di lidahku, ya Tuhan, Engkau telah mengetahui seluruhnya.

- ⁵ Engkau telah merangkulku – di belakang dan di hadapan;
dan meletakkan tangan-Mu ke atasku.
- ⁶ Pengetahuan demikian terlalu menakjubkan bagiku,
tingginya tidak tercapai olehku.
- ⁷ Ke mana dapat aku pergi daripada Roh-Mu?
Atau ke mana dapat aku lari dari hadirat-Mu?
- ⁸ Jika aku naik ke syurga, Engkau di sana;
jika aku membuat tempat tidurku di neraka,
lihatlah, Engkau di sana.
- ⁹ Jika kuambil sayap pagi,
dan tinggal di bahagian laut yang paling dalam,
- ¹⁰ di sana pun tangan-Mu akan memimpinku,
tangan kanan-Mu akan memeganku.
- ¹¹ Jika aku berkata, “Tentulah kegelapan akan menyelubungiku dan cahaya sekelilingku akan menjadi malam,”
- ¹² sesungguhnya kegelapan tidak gelap bagi-Mu;
dan malam terang-benderang seperti siang,
kegelapan dan cahaya serupa bagi-Mu.
- ¹³ Kerana Engkau telah membentuk bahagian-bahagian dalamku;
Engkau melindungi di dalam rahim ibuku.
- ¹⁴ Aku akan memuji-Mu, kerana aku dicipta dengan mengagumkan dan menakjubkan;

sungguh menakjubkan ciptaan-Mu, dan ini amat diketahui oleh jiwaku.

¹⁵ Bentukku tidak tersembunyi daripada-Mu ketika aku dicipta dalam rahsia dan diukir dengan mahir di bahagian bumi yang paling bawah.

¹⁶ Mata-Mu telah melihat zatku yang masih belum dibentuk. Dan dalam kitab-Mu segalanya tersurat hari-hari yang ditentukan untukku.

¹⁷ Betapa bernilai fikiran-Mu juga bagiku, ya Allah!

Betapa besar jumlahnya!

¹⁸ Jika kuhitung, jumlahnya lebih banyak daripada pasir.

Apabila aku terjaga, aku masih bersama-Mu.

¹⁹ Semoga Engkau musnahkan orang zalim, ya Allah!

Maka pergilah daripadaku, hai orang yang suka menumpahkan darah!

²⁰ Kerana mereka bercakap menentang-Mu dengan durjana; musuh-Mu menyebut nama-Mu sewenang-wenang.

²¹ Tidakkah aku membenci mereka yang membenci-Mu, ya Tuhan,

dan membenci mereka yang bangkit
menentang-Mu?

²² Aku membenci mereka dengan sepenuh
kebencian;

aku menganggap mereka musuhku.

²³ Telitilah aku, ya Allah, dan kenallah hatiku;
dugalah aku dan ketahuilah kebimbanganku.

²⁴ Lihatlah jika ada kecenderungan durjana di
dalamku,

dan pimpinlah aku ke jalan yang kekal
selama-lamanya.

Untuk pemimpin muzik.

Mazmur Daud.

140 ¹ Lepaskanlah aku, ya Tuhan, daripada
orang durjana;

peliharalah aku daripada orang ganas,

² yang merancang perbuatan durjana dalam
hati mereka;

mereka selalu menyalakan peperangan.

³ Mereka menajamkan lidah mereka seperti
ular;

racun ular kapak berbisa di bawah bibir
mereka. **Sela**

⁴ Jauhkanlah aku, ya Tuhan, daripada tangan
orang zalim;

peliharalah aku daripada orang ganas yang berniat membuat kakiku tersandung.

⁵ Orang angkuh telah menyembunyikan jerat untukku;

mereka telah merentang jaring di tepi jalan dan telah memasang perangkap untukku.

Sela

⁶ Aku berkata kepada Tuhan, “Engkau Allahku.”
Dengarlah suara permohonanku, ya Tuhan.

⁷ Ya Allah, Tuhanku, kekuatan penyelamatanku,
Engkau telah menutup kepalaku pada hari pertempuran –

⁸ janganlah kabulkan, ya Tuhan, keinginan orang zalim;

janganlah lorongkan rancangan mereka yang durjana, supaya mereka tidak disanjung.

Sela

⁹ Biarlah kepala mereka yang mengepungku diliputi kejahatan mulut mereka.

¹⁰ Biarlah arang yang menyala jatuh ke atas mereka;

biarlah mereka dihumbankan ke dalam api, ke dalam jurang yang dalam, supaya mereka tidak bangkit semula.

¹¹ Janganlah biarkan seorang pemfitnah bertapak di bumi;

biarlah kejahatan memburu orang ganas untuk menggulingkannya.

- ¹² Aku tahu Tuhan akan membela nasib orang yang menderita dan menegakkan keadilan untuk orang miskin.
- ¹³ Sesungguhnya, orang yang benar akan mengucap syukur kepada nama-Mu; orang yang tulus akan menetap di hadirat-Mu.

Mazmur Daud.

141 ¹ Ya Tuhan, aku berseru kepada-Mu; segeralah datang kepadaku.

Dengarlah suaraku apabila aku berseru kepada-Mu.

- ² Biarlah doaku hadir di hadapan-Mu sebagai setinggi; penadahan tanganku sebagai korban persembahan petang.

- ³ Jagalah, ya Tuhan, mulutku; awasilah pintu bibirku.

- ⁴ Jangan cenderungkan hatiku ke arah kejahatan, untuk mengamalkan pekerjaan zalim dengan orang yang melakukan durjana; dan jangan biarkan aku makan hidangan lezat mereka.

- ⁵ Biarlah orang yang benar memukulku – itu suatu kebaikan kepadaku;
biarlah dia memarahiku – itu seperti minyak yang unggul. Janganlah biarkan kepalaku menolaknya.
- Namun demikian, doaku tetap menentang perbuatan orang durjana;
- ⁶ hakim-hakim mereka dihumbankan dari tepi gaung,
dan mereka mendengar kata-kataku kerana kata-kataku manis.
- ⁷ Mereka akan berkata, “Tulang-tulang kami berserakan di lubang kubur, seperti ketika orang membajak dan memecah-mecahkan tanah.”
- ⁸ Tetapi matakku tertumpu kepada-Mu, ya Allah, ya Tuhanku;
kepada-Mu aku berlindung – janganlah tinggalkan jiwaku dalam kepapaan.
- ⁹ Jauhkan aku daripada jerat yang telah dipasang oleh mereka untukku,
dan daripada perangkap orang yang melakukan kejahatan.
- ¹⁰ Biarlah orang zalim terjerumus ke dalam jerat mereka sendiri,
sedangkan aku terlepas dan selamat.

**Nyanyian pengajaran Daud,
ketika dia berada di gua.**

Suatu doa.

- 142** ¹ Aku berseru kepada Tuhan dengan suaraku;
kepada Tuhan aku membuat permohonanku.
- ² Aku mencurahkan aduanku di hadirat-Nya;
aku mengisytiharkan di hadirat-Nya kesusahanku.
- ³ Apabila rohku tertekan di dalamku,
ketika itu Engkau tahu jalanku.
Di jalan tempat aku melangkah,
senyap-senyap mereka memasang jerat untukku.
- ⁴ Pandanglah ke sebelah kananku dan lihatlah;
tiada sesiapa pun yang mengiktirafku.
Penaungku tidak menolongku;
tiada sesiapa pun yang mengambil berat tentang jiwaku.
- ⁵ Aku telah berseru kepada-Mu, ya Tuhan;
aku berkata, “Engkaulah penaungku, yang ada padaku di alam orang hidup.”
- ⁶ Dengarlah seruanku,
kerana aku ditindas jauh ke bawah;
lepaskanlah aku daripada penganiayaku,
kerana mereka terlalu kuat bagiku.
- ⁷ Keluarkanlah jiwaku daripada penjara,

supaya aku dapat memuji nama-Mu.
Orang yang benar akan mengelilingiku
kerana Engkau akan melimpahkan
kebaikan-Mu kepadaku.

Mazmur Daud.

- 143** ¹ Dengarlah doaku, ya Tuhan,
dengarlah permohonanku;
jawablah dengan kesetiaan-Mu
dan dengan perbenaran-Mu.^j
- ² Janganlah jalankan penghakiman ke atas
hamba-Mu,
kerana dalam pandangan-Mu tiada makhluk
hidup yang benar.
- ³ Kerana musuh telah menganiaya jiwaku,
dia telah menindasku ke tanah;
dia telah membuat aku tinggal dalam kegelapan
seperti orang yang sudah lama mati.
- ⁴ Oleh itu, rohku tertekan di dalamku;
hatiku gundah di dalamku.
- ⁵ Aku mengenang zaman silam;
aku merenungkan semua perbuatan-Mu,
aku memikirkan segala hasil kerja tangan-Mu.
- ⁶ Aku menadahkan tanganku kepada-Mu;

^j**143:1** Rangkaian kata 'perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak Tuhan dan sifat-Nya yang benar, baik dan adil.

143:2: Rm 3:20; Gal 2:16.

jiwaku merindui-Mu seperti tanah yang dahaga. **Sela**

⁷ Jawablah segera, ya Tuhan; rohku layu.

Janganlah sembunyikan wajah-Mu daripadaku, takut nanti aku menjadi seperti mereka yang masuk ke dalam jurang.

⁸ Perdengarkanlah kasih setia-Mu kepadaku pada waktu pagi, kerana kepada-Mu kusandarkan kepercayaanku.

Beritahulah aku jalan yang harus kuambil, kerana aku mengangkat jiwaku kepada-Mu.

⁹ Lepaskanlah aku, ya Tuhan, daripada musuhku, kepada-Mu aku berlindung.

¹⁰ Ajarlah aku melakukan kehendak-Mu, kerana Engkaulah Allahku;

Biarlah Roh baik-Mu membimbing aku di alam ketulusan.

¹¹ Pulihkanlah aku, ya Tuhan, demi nama-Mu; demi perbenaran-Mu, bawalah jiwaku keluar daripada kesusahan.

¹² Dengan kasih setia-Mu, tumbangkanlah musuhku; dan musnahkanlah kesemua mereka yang menyakiti jiwaku, kerana aku hamba-Mu.

Mazmur Daud.

144 ¹ Pujilah Tuhan, Batu Pejalku,
yang melatih tanganku untuk
peperangan, dan jari-jariku untuk
pertempuran.

² Allah kasih sayangku dan bentengku,
kota perkasaku dan penyelamatku,
perisaiku dan tempat aku bernaung,
yang menundukkan kaum-kaum di bawahku.

³ Ya Tuhan, apakah manusia, maka Engkau
memeliharanya,
atau anak manusia maka Engkau
memberinya perhatian?

⁴ Manusia seperti sehembus nafas;
hidupnya seperti bayang-bayang lalu.

⁵ Tundukkan langit-Mu, ya Tuhan, dan turunlah;
sentuhlah gunung, maka ia akan berasap.

⁶ Pancarkan kilat dan kucar-kacirkan mereka;
lepaskan anak-anak panah-Mu dan
musnahkan mereka.

⁷ Hurlurkan tangan-Mu dari atas;
selamatkan aku dan lepaskan aku
daripada bahaya air yang besar,
daripada tangan orang asing

⁸ yang berdusta dengan lidah
dan menipu dengan tangan kanan.

- ⁹ Aku akan menyanyikan lagu baru untuk-Mu,
ya Allah;
dengan kecapi bertali sepuluh aku akan
menyanyikan pujian untuk-Mu,
- ¹⁰ Engkau memberi penyelamatan kepada
raja-raja,
Engkau melepaskan hamba-Nya Daud
daripada pedang maut.
- ¹¹ Selamatkan aku dan lepaskan aku daripada
tangan orang asing
yang berdusta dengan lidah,
dan menipu dengan tangan kanan.
- ¹² Maka anak-anak lelaki kami
seperti pohon yang tumbuh subur di usia
mudanya,
dan anak-anak perempuan kami laksana tiang
yang terukir dalam gaya seni istana.
- ¹³ Jelapang kami penuh membekalkan segala
jenis hasil.
Dan domba kami membiakkan ribuan
serta puluhan ribu di padang-padang kami;
- ¹⁴ Biarlah lembu-lembu jantan kami membawa
muatan,
dengan tiada kemalangan atau kerugian, dan
janganlah berlaku kekecohan di jalan-jalan
raya kami.
- ¹⁵ Diberkatilah orang dalam keadaan demikian;
diberkatilah orang yang Allahnya ialah Tuhan.

Mazmur pujian. Daripada Daud.

- 145** ¹ Aku akan meninggikan-Mu, ya Allah
Rajaku;
aku akan memberkati nama-Mu selama-
lamanya.
- ² Setiap hari aku akan memuji-Mu,
aku akan menyanjung nama-Mu selama-
lamanya.
- ³ Maha Besar Tuhan dan besar pujian
untuk-Nya;
dan kebesaran-Nya tidak dapat diselami.
- ⁴ Setiap keturunan akan memuji hasil kerja-Mu
kepada keturunan lain;
dan akan mengisytiharkan perbuatan-Mu
yang hebat.
- ⁵ Aku akan merenung keagungan-Mu yang
penuh kemuliaan dan kegemilangan,
serta hasil kerja-Mu yang menakjubkan.
- ⁶ Orang akan memperkatakan kehebatan
perbuatan-Mu yang mengagumkan,
dan aku akan mengisytiharkan kebesaran-
Mu.
- ⁷ Mereka akan bercakap mengingati
kebaikan-Mu yang melimpah

dan menyanyi dengan gembira tentang
perbenaran-Mu.^k

⁸ Tuhan penuh kasih kurnia dan belas kasihan,
tidak cepat murka dan amat pengasih.

⁹ Tuhan baik kepada semua,
dan belas kasihan-Nya meliputi semua
ciptaan-Nya.

¹⁰ Semua ciptaan-Mu akan memuji-Mu, ya
Tuhan;
umat-Mu yang warak akan menyanjung-Mu.

¹¹ Mereka akan memperkatakan kemuliaan
kerajaan-Mu
dan berbicara tentang kuasa-Mu,

¹² untuk memberitahu anak-anak manusia
mengenai perbuatan-Mu yang hebat,
serta kemuliaan dan keagungan kerajaan-Mu.

¹³ Kerajaan-Mu kekal selama-lamanya dalam
penguasaan-Mu,
dan kekuasaan-Mu berterusan zaman-
berzaman.

Tuhan setia dalam segala janji-Nya
dan penuh kasih dalam semua perbuatan-
Nya.

¹⁴ Tuhan membangunkan semua yang rebah
dan menegakkan semua yang tersungkur.

^k**145:7** Rangkaian kata 'Perbenaran-Mu' yang diterjemahkan drpd perkataan Ibrani, 'tsedaqah' merangkumi maksud kehendak Tuhan serta sifat-Nya yang benar dan adil.

- ¹⁵ Semua mata tertumpu penuh harapan
kepada-Mu,
dan Engkau memberi mereka makanan tepat
pada musimnya.
- ¹⁶ Engkau membuka tangan-Mu
lalu memenuhi hasrat setiap makhluk hidup.
- ¹⁷ Tuhan benar dalam semua cara-Nya,
penuh kasih dalam semua perbuatan-Nya.
- ¹⁸ Tuhan dekat dengan semua yang menyeru-
Nya,
semua yang menyeru-Nya dalam kebenaran.
- ¹⁹ Dia akan memenuhi hasrat mereka yang
takut kepada-Nya;
Dia akan mendengar seruan mereka lalu
menyelamatkan mereka.
- ²⁰ Tuhan memelihara semua yang mengasihi-
Nya,
tetapi semua orang zalim akan dimusnahkan-
Nya.
- ²¹ Lidahku akan menuturkan pujian untuk
Tuhan.
Semua makhluk akan memberkati nama-Nya
yang suci selama-lamanya.

146 ¹ Pujilah Tuhan!
Pujilah Tuhan, wahai jiwaku.

- ² Selagi aku hidup, aku akan memuji Tuhan;
aku akan menyanyikan pujian untuk Allahku
selagi aku masih wujud.

- ³ Janganlah sandarkan kepercayaanmu kepada raja-raja,
atau kepada anak manusia kerana pertolongan bukanlah daripadanya.
- ⁴ Rohnya pergi, dia kembali menjadi tanah; pada hari itu juga semua rancangannya musnah.
- ⁵ Diberkatilah orang yang ditolong oleh Allah Yakub,
yang berharap kepada Tuhan Allahnya,
- ⁶ yang telah menjadikan langit dan bumi, laut, dan segala yang di dalamnya – Dia tetap setia selama-lamanya.
- ⁷ Dia menjalankan keadilan bagi mereka yang ditindas;
Dia memberi makanan kepada mereka yang lapar.
Tuhan memberi kebebasan kepada mereka yang dipenjarakan,
- ⁸ Tuhan mencelikkan mata orang buta, Tuhan menegakkan mereka yang tersungkur,
Tuhan mengasihi orang yang benar.
- ⁹ Tuhan menaungi orang asing
Dia membantu anak yatim dan balu, tetapi usaha orang zalim dihancurkan-Nya.
- ¹⁰ Tuhan akan memerintah selama-lamanya,

Allahmu, wahai Sion, turun-temurun
zaman-berzaman.

Pujilah Tuhan!

147

¹ Pujilah Tuhan!

Kerana menyanyikan pujian kepada

Allah kita itu baik,

serta menyenangkan, dan pujian itu indah!

² Tuhan membina semula Yerusalem;

Dia mengumpulkan umat Israel yang
tersingkir.

³ Dia menyembuhkan mereka yang patah hati
dan membalut luka mereka.

⁴ Dia menghitung bintang-bintang

Dia memanggil setiap satu dengan namanya.

⁵ Maha Besar Tuhan kita dan Maha Kuasa;
pengertian-Nya tidak ada batasan.

⁶ Tuhan mengangkat tinggi mereka yang rendah
hati;

Dia menghancurkan orang zalim ke tanah.

⁷ Menyanyilah kepada Tuhan dengan

mengucapkan kesyukuran;

nyanyikan pujian dengan iringan kecapi
kepada Allah kita.

⁸ Dia melitupi langit dengan awan;

Dia menyediakan hujan untuk bumi;

Dia menumbuhkan rumput di atas gunung.

⁹ Dia memberi makanan kepada haiwan

dan kepada anak-anak gagak yang menciap.

- 10 Dia tidak menikmati kekuatan kuda,
Dia tidak berkenan akan manusia kerana
kegagahannya;
- 11 Tuhan meredai mereka yang takut
kepada-Nya,
mereka yang mengharapkan kasih setia-Nya.
- 12 Sanjunglah Tuhan, wahai Yerusalem;
pujilah Allahmu, wahai Sion,
- 13 kerana Dia telah mengukuhkan palang-palang
pintu pagarmu;
Dia telah memberkati anak-anak di dalammu.
- 14 Dia menjadikan sempadan-sempadanmu
aman
dan memenuhimu dengan gandum terbaik.
- 15 Dia menghantarkan perintah-Nya ke bumi;
firman-Nya sampai dalam seketika.
- 16 Dia memberi salji seperti bulu domba;
Dia menaburkan air beku seperti abu.
- 17 Dia melemparkan hujan batu-Nya.
Siapa yang dapat menghadapi kedinginan-
Nya?
- 18 Dia menghantarkan firman-Nya lalu
mencairkan semuanya;
Dia membuat angin-Nya bertiup dan air
mengalir.
- 19 Dia mengisytiharkan firman-Nya kepada
Yakub,
ketetapan dan hukum-Nya kepada Israel.

²⁰ Dia tidak melakukan yang demikian kepada bangsa lain; dan hukum-hukum-Nya tidak diketahui oleh mereka.

Pujilah Tuhan!

148

¹ Pujilah Tuhan!

- Pujilah Dia dari langit,
pujilah Dia di tempat-tempat tinggi.
- ² Pujilah Dia, hai semua malaikat-Nya,
pujilah Dia, hai angkatan syurga.
- ³ Pujilah Dia, hai matahari dan bulan,
pujilah Dia, hai kamu semua bintang bercahaya.
- ⁴ Pujilah Dia, hai kamu langit di atas langit
dan kamu air di atas segala langit.
- ⁵ Biar mereka memuji nama Tuhan,
kerana Dia telah memberikan perintah lalu mereka dicipta.
- ⁶ Dia juga menapakkan mereka selama-lamanya;
Dia membuat ketetapan yang tidak akan lenyap.
- ⁷ Pujilah Tuhan dari bumi,
hai kamu makhluk besar laut dan bawah lautan,
- ⁸ api dan hujan batu, salji dan awan,
angin ribut yang menunaikan firman-Nya,
- ⁹ gunung-gunang dan segala bukit,

- pokok berbuah dan semua pokok araz,
¹⁰ haiwan dan segala lembu kerbau,
binatang menjalar dan burung yang terbang,
¹¹ raja-raja di bumi dan semua bangsa,
putera-putera dan semua pemerintah di
bumi,
¹² pemuda dan gadis,
orang tua dan kanak-kanak.
¹³ Biar mereka memuji nama Tuhan,
kerana hanya nama-Nya ditinggikan;
kemuliaan-Nya mengatasi bumi dan langit.
¹⁴ Dan Dia telah mengangkat tinggi tanduk
umat-Nya,
pujian seluruh umat-Nya yang warak,
anak-anak Israel, umat yang dekat
dengan-Nya.

Pujilah Tuhan!

149 ¹ Pujilah Tuhan!
Nyanyikanlah kepada Tuhan lagu baru,
dan pujian untuk-Nya dalam perhimpunan
orang warak.

² Biarlah Israel bergembira kerana Pencipta
mereka;
biarlah anak-anak Sion berbahagia kerana
Raja mereka.

³ Biarlah mereka memuji nama-Nya dengan
tarian;

biar mereka menyanyikan pujian kepada-Nya
dengan tamborin dan kecapi.

⁴ Kerana Tuhan berkenan akan umat-Nya;
Dia akan memahkotai mereka yang rendah
hati dengan penyelamatan.

⁵ Biarlah orang warak berbahagia dalam
kemuliaan
biarlah mereka menyanyi gembira di tempat
tidur.

⁶ Biarlah pujian tinggi bagi Allah di lidah mereka
dan pedang bermata dua di tangan mereka,

⁷ untuk membalas perbuatan bangsa-bangsa
dan menghukum kaum-kaum,

⁸ untuk mengikat raja-raja mereka dengan
rantai,
dan orang bangsawan mereka dengan
belunggu besi,

⁹ untuk menjalankan ke atas mereka
penghakiman yang tersurat.

Kehormatan ini dimiliki seluruh umat-Nya
yang warak.

Pujilah Tuhan!

150 ¹ Pujilah Tuhan!
Pujilah Allah di tempat suci-Nya;
pujilah Dia dalam langit-Nya yang perkasa.

² Pujilah Dia kerana perbuatan-Nya yang hebat;
pujilah Dia kerana kebesaran-Nya yang
unggul.

- ³ Pujilah Dia dengan bunyi sangkakala,
 pujilah Dia dengan gambus dan kecapi,
⁴ pujilah Dia dengan tamborin dan tarian,
 pujilah Dia dengan alat bertali dan seruling,
⁵ pujilah Dia dengan simbal yang gempita,
 pujilah Dia dengan simbal yang gemerencing.
⁶ Setiap yang bernafas, pujilah Tuhan.
Pujilah Tuhan!

AMSAL

Tujuan Amsal Ini

- 1** ¹ Inilah amsal Salomo anak Daud, raja Israel:
² untuk mengetahui hikmah dan didikan,
untuk memahami kata yang dalam ertinya,
³ untuk menerima didikan tentang budi pekerti,
tentang apa yang benar, adil, dan lurus;
⁴ untuk memberikan kearifan kepada orang
yang betul bendul,
serta pengetahuan dan budi bicara kepada
kalangan muda.
⁵ Orang bijaksana mendengar untuk menambah
pengertiannya,
dan orang yang arif memperoleh petunjuk
⁶ untuk memahami pepatah serta petua,
kata-kata orang bijaksana dan teka-teki
mereka.
⁷ Takut kepada Tuhan adalah permulaan
pengetahuan;
orang bodoh meremehkan hikmah dan
didikan.

Nasihat dan peringatan

- ⁸ Hai anakku, dengarlah didikan ayahmu,
dan jangan lalai ajaran ibumu;
- ⁹ kerana segalanya hiasan indah kepalamu,
dan kalung bagi lehermu.
- ¹⁰ Hai anakku, jika orang berdosa memujukmu,
jangan turuti.
- ¹¹ Jika mereka berkata, “Ikutlah kami! Mari kita
menghendap demi menumpahkan darah;
mari kita serang hendap orang yang tidak
bersalah tanpa sebarang sebab;
- ¹² mari kita menjadi bak alam barzakh dan
menelan mereka hidup-hidup,
bulat-bulat, seperti orang yang turun ke liang
lahat;
- ¹³ kita akan mendapat segala macam benda
berharga,
kita akan memenuhi rumah kita dengan
barang rampasan;
- ¹⁴ buanglah undimu ke tengah-tengah kami;
kita kongsi bersama-sama segala yang kita
samun!”
- ¹⁵ Hai anakku, jangan ikut perilaku mereka;
jauhkan kakimu dari jalan-jalan mereka,
- ¹⁶ kerana kaki mereka cuma meluru menuju
kejahatan,

dan mereka bergegas kerana mahu menumpahkan darah.

¹⁷ Betapa sia-sia membentangkan jaring di hadapan mata burung;

¹⁸ namun mereka menanti untuk menumpahkan darah sendiri dan menghendap nyawa mereka sendiri.

¹⁹ Demikianlah jadinya setiap orang yang tamak akan harta haram; kerakusannya itu bakal mencabut nyawanya sendiri.

Pentingnya hikmah

²⁰ Hikmah berseru-seru di jalan raya, ia menyaringkan suaranya di lapangan.

²¹ Di kepala jalan tumpuan ramai, ia bersuara, dan di muka pintu gerbang kota ia menyampaikan kata-katanya,

²² “Hai orang yang betul bendul, sampai bilakah kamu cinta akan keadaanmu sebagai orang yang betul bendul?

Sampai bilakah para pencemuh gemar mencemuh,

dan orang bodoh benci akan pengetahuan?

²³ Berpalinglah mendengar teguranku.

Sesungguhnya, aku akan mencurahkan isi hatiku kepadamu, aku akan menghuraikan manfaat kata-kataku kepadamu.

²⁴ Tetapi kamu menolak ketika kupanggil, dan tiada seorang pun mengendahkan ketika aku menghulurkan tanganku.

²⁵ Atas sebab kamu mensia-siakan semua nasihatku,

dan tidak mahu menerima teguranku,

²⁶ aku pun akan mentertawakan bencana yang kamu alami;

aku akan mencemuhmu ketika malapetaka menimpamu,

²⁷ ketika kengerian melandamu seperti badai, ketika bencana mendatangimu seperti angin puting beliung,

ketika kesesakan serta kesusahan menimpamu.

²⁸ Pada waktu itu mereka akan memanggil aku, tetapi aku tidak akan menjawab.

Mereka akan bersungguh-sungguh mencari aku,

tetapi mereka tidak akan menemukan aku.

²⁹ Mereka benci akan pengetahuan dan tidak memilih supaya takut kepada Tuhan.

³⁰ Mereka tidak mahu menerima nasihatku,

dan menolak semua teguranku.

- ³¹ Oleh itu, mereka akan memakan buah pilihan mereka,
dan akan kenyang dengan khayalan mereka sendiri.
- ³² Orang betul bendul akan terbunuh oleh sifat melulunya,
dan kepuasan orang bodoh akan membinasakan mereka.
- ³³ Tetapi orang yang mendengar kata-kataku akan hidup sejahtera dan berasa selamat tanpa takut akan malapetaka.”

Manfaat hikmah

- 2** ¹ Hai anakku, jika engkau menerima kata-kataku dan menyimpan perintah-perintahku dalam dirimu,
- ² mengarahkan telingamu kepada hikmah, dan mencenderungkan hatimu kepada pengertian;
- ³ jika engkau berseru memohon pengertian, dan mengangkat suaramu memohon pengertian;
- ⁴ jika engkau mencarinya seperti perak, dan menggantinya seperti menggali harta terpendam,

- ⁵ maka engkau akan memahami apa ertinya
takut kepada Tuhan
serta memperoleh pengetahuan tentang
Allah.
- ⁶ Kerana Tuhan sajalah yang mengurniakan
hikmah,
dan daripada mulut-Nyalah datang
pengetahuan serta pengertian.
- ⁷ Dia menyimpan hikmah bagi orang yang lurus,
dan menjadi perisai bagi mereka yang hidup
dalam keikhlasan.
- ⁸ Dia menjaga jalan keadilan,
dan memelihara jalan orang salih-Nya.
- ⁹ Maka engkau akan memahami apa yang
benar, adil, dan saksama
serta segala jalan kebaikan,
- ¹⁰ kerana hikmah akan masuk ke dalam hatimu,
dan pengetahuan akan menyenangkan
jiwamu.
- ¹¹ Budi bicara menjadi pengawas kamu,
dan pengertian akan menjaga kamu,
- ¹² untuk melepaskan kamu daripada
cengkaman kejahatan
dan daripada orang yang mengucapkan tipu
muslihat,
- ¹³ yang meninggalkan jalan-jalan lurus
untuk meredah lorong-lorong gelap,
- ¹⁴ yang suka berbuat kejahatan,

- yang gembira kerana tipu muslihat yang jahat,
- ¹⁵ yang sesat jalan-jalannya serta bengkok-bengkok perilakunya.
- ¹⁶ Engkau pun akan terlepas daripada perempuan lucah, daripada perempuan pezina dengan pujuk rayunya,
- ¹⁷ yang meninggalkan teman hidup masa mudanya serta melupakan perjanjian dengan Allahnya.
- ¹⁸ Sesungguhnya, di liang mautlah rumahnya tergenang, dan jalannya menuju dunia orang mati.
- ¹⁹ Semua orang yang datang kepadanya tidak akan kembali, dan tidak menemukan jalan hidup.
- ²⁰ Dengan demikian engkau dapat menempuh jalan orang baik-baik, dan tetap berada di jalan orang benar,
- ²¹ kerana orang yang tulus hati akan mendiami bumi, dan orang yang ikhlas akan tetap tinggal di situ;
- ²² tetapi orang durjana akan dilenyapkan daripada bumi, dan para pengkhianat akan direnggut dari situ.

Mengikut jalan Allah

- 3** ¹ Hai anakku, jangan lupakan ajaranku,
tetapi hendaklah hatimu memegang
perintah-perintahku,
² kerana segalanya akan memberikan
kepadamu umur panjang, usia lanjut, dan
kesejahteraan.
- ³ Jangan biarkan kasih setia dan kebenaran
meninggalkan kamu,
kalungkannya di lehermu dan pahatkannya
di loh hatimu.
- ⁴ Dengan demikian engkau akan disukai serta
memperoleh nama baik
di mata Allah dan manusia.
- ⁵ Percayalah kepada Tuhan dengan sepenuh
hatimu
dan janganlah bersandar kepada
pengertianmu sendiri.
- ⁶ Ingatlah Dia dalam segala jalanmu,
maka Dia akan meluruskan jalanmu.
- ⁷ Jangan anggap dirimu bijak,
takutlah kepada Tuhan dan jauhilah
kejahatan.
- ⁸ Itulah yang kelak mendatangkan kesihatan
bagi tubuhmu

- dan kekuatan bagi tulang-tulangmu.
- ⁹ Muliakanlah Tuhan dengan hartamu
dan dengan hasil pertama daripada segala
penghasilanmu,
- ¹⁰ maka segala bangsal hasil tuaianmu akan
terisi hingga melimpah-ruah
dan meluaplah air anggur di dalam segala
tempat pemerasan anggurmu.
- ¹¹ Hai anakku, jangan pandang sepi pengajaran
Tuhan,
dan janganlah berasa geram terhadap
teguran-Nya,
- ¹² kerana Tuhan menegur orang yang
dikasihi-Nya,
seperti seorang bapa terhadap anak yang
dikasihinya.
- ¹³ Betapa berbahagianya orang yang mendapat
hikmah,
dan orang yang memperoleh pengertian,
- ¹⁴ kerana labanya lebih besar daripada
keuntungan perak,
dan hasilnya lebih berharga daripada emas.
- ¹⁵ Hikmah lebih bernilai daripada batu permata,
dan apa-apa pun yang kamu idamkan tidak
sebanding dengannya.
- ¹⁶ Di tangan kanannya umur panjang,

- di tangan kirinya kekayaan dan kehormatan.
- ¹⁷ Jalan-jalannya jalan keselesaan,
dan segala lorongnya kesejahteraan.
- ¹⁸ Hikmah pokok hayat bagi yang berpaut
padanya,
berbahagialah orang yang memeluknya
seerat-eratnya.
- ¹⁹ Dengan hikmah Tuhan meletakkan asas
bumi,
dan dengan pengertian Dia menetapkan
langit.
- ²⁰ Dengan pengetahuan-Nya sumber air yang
dalam terpancar keluar,
dan awan-awan menitiskan embun.
- ²¹ Hai anakku, peganglah hikmah dan
kebijaksanaan,
jangan biarkan semua itu luput daripada
pandanganmu;
- ²² semua itu akan menjadi kehidupan bagi
jiwamu
dan perhiasan bagi lehermu.
- ²³ Maka engkau akan melangkah di jalanmu
dengan selamat,
dan kakimu tidak akan tersandung.
- ²⁴ Ketika berbaring, engkau tidak akan berasa
takut,
engkau akan berbaring dan mendapat
nikmat tidur yang lena.

- 25 Janganlah takut terhadap kengerian yang datang tiba-tiba, atau terhadap kebinasaan yang kelak melanda orang durjana,
26 kerana Tuhan sumber keyakinanmu, dan akan menjaga kakimu daripada terjat.

Persaudaraan sesama manusia

- 27 Janganlah menahan kebaikan daripada orang yang patut menerimanya, ketika engkau mampu melakukannya.
28 Jangan katakan kepada sesamamu, "Pergilah dan kembalilah lagi, esok akan kuberi," padahal apa yang diminta itu ada padamu.
29 Janganlah merancang kejahatan terhadap jiranmu, walhal dia tinggal tanpa curiga berdekatan denganmu.
30 Jangan bersengketa tanpa alasan dengan orang yang tidak pernah berbuat jahat kepadamu.
31 Janganlah iri hati terhadap orang yang ganas, dan jangan memilih satu pun daripada jalannya,
32 kerana orang yang mungkar adalah kekejian bagi Tuhan, tetapi Dia akrab dengan orang yang tulus ikhlas.

- ³³ Kutukan Tuhan adalah terhadap rumah orang durjana,
tetapi Dia memberkati kediaman orang benar.
- ³⁴ Dia mencemuh para pencemuh,
tetapi Dia memberikan anugerah kepada orang yang rendah hati.
- ³⁵ Orang bijaksana akan mewarisi kehormatan,
tetapi orang bodoh akan mendapat aib.

Nasihat untuk memilih kebenaran

- 4** ¹ Hai anak-anakku, dengarlah didikan seorang ayah
dan perhatikanlah, supaya engkau memperoleh pengertian.
- ² Jangan abaikan peraturanku
kerana aku memberimu ajaran yang baik.
- ³ Ketika aku masih kanak-kanak dan tinggal bersama ayahku, masih kecil,
dan anak tunggal bagi ibuku,
- ⁴ ayahku mengajarku, katanya, “Pegang teguh kata-kataku dalam hatimu.
Patuhilah perintah-perintahku, maka engkau akan hidup.
- ⁵ Perolehlah hikmah! Perolehlah pengertian!

Jangan lupakan, dan jangan menyimpang
daripada kata-kata mulutku.

⁶ Jangan abaikan hikmah, maka hikmah akan
memelihara kamu;
kasihilah ia, maka ia akan menjaga kamu.

⁷ Hikmah adalah yang paling utama. Perolehlah
hikmah
dan dengan segala pemerolehanmu itu,
perolehlah pengertian.

⁸ Junjung tinggi hikmah, maka hikmah akan
meninggikanmu.
Ia akan menjadikan kamu terhormat jika
engkau mendakapnya.

⁹ Ia akan meliliti kepalamu dengan karangan
bunga yang indah,
dan akan mengurniakan kepadamu mahkota
kemuliaan.”

¹⁰ Hai anakku, dengarlah dan terimalah
kata-kataku,
supaya banyak pula tahun hidupmu.

¹¹ Aku telah menunjukkan kepadamu jalan
hikmah,
dan aku telah membimbingmu di jalan-jalan
yang lurus.

¹² Apabila engkau berjalan, langkahmu tidak
akan terhalang,
dan jika engkau berlari, engkau tidak akan
tersandung.

- 13 Peganglah didikan, jangan lepaskan;
peliharalah ia, kerana ia hidupmu.
- 14 Jangan masuki lorong orang durjana,
dan jangan ikuti jalan orang yang jahat.
- 15 Jauhilah jalan itu, jangan lalui.
Menyimpanglah dari jalan itu, dan
teruskanlah perjalananmu.
- 16 Kerana mereka itu tidak dapat tidur
selagi mereka belum melakukan kejahatan,
dan mereka tidak mungkin lena jika
belum membuat seseorang tersandung.
- 17 Mereka makan roti kedurjanaan
dan minum air anggur keganasan.
- 18 Sebaliknya jalan orang benar seperti cahaya
fajar,
yang semakin benderang hingga puncak
siang hari.
- 19 Jalan orang durjana pula seperti kegelapan
yang pekat;
lantas mereka tidak tahu apa yang membuat
mereka tersandung.
- 20 Hai anakku, perhatikanlah ucapanku,
arahkanlah telingamu kepada kata-kataku.
- 21 Jangan biarkan semua itu luput daripada
pandanganmu,
simpanlah segalanya itu dalam hatimu.
- 22 Kerana sesiapa menemukannya memperoleh
hidup

- dan kesembuhan bagi seluruh tubuhnya.
- ²³ Jagalah hatimu lebih daripada segalanya,
kerana dari situlah terpancar mata air
kehidupan.
- ²⁴ Buanglah penipuan daripada mulutmu,
dan jauhkanlah bibir mungkar daripadamu.
- ²⁵ Hendaklah matamu memandang ke hadapan,
dan tatapanmu lurus ke arah di depanmu.
- ²⁶ Ratakanlah jalan bagi kakimu,
pastikan segala jalanmu akan teguh.
- ²⁷ Janganlah menyimpang ke kanan atau ke kiri;
jauhkanlah kakimu daripada kejahatan.

Amaran tentang perzinaan

- 5** ¹ Hai anakku, berilah perhatian kepada
hikmahku,
dan arahkanlah telingamu kepada
pengertianku,
- ² supaya kamu sentiasa berbudi bicara,
dan bibirmu dapat memelihara pengetahuan.
- ³ Biar pun bibir perempuan lucah menitiskan
madu,
dan kata-katanya lebih licin daripada minyak,
- ⁴ pada akhirnya ia pahit seperti hempedu,
dan tajam seperti pedang bermata dua.
- ⁵ Kakinya turun menuju maut,

dan langkahnya langsung menuju alam barzakh.

- ⁶ Dia tidak perhatikan jalan kehidupannya;
Jalannya sesat tetapi tidak disedarinya.
- ⁷ Maka hai anak-anakku, dengarlah nasihatku,
dan jangan menyimpang daripada
kata-kataku.
- ⁸ Jauhkan hidupmu daripada perempuan itu,
dan jangan dekati pintu rumahnya,
- ⁹ agar kehormatanmu tidak diragut oleh orang
lain,
dan tahun-tahun umurmu diserahkan
kepada orang yang kejam;
- ¹⁰ supaya jangan orang lain dikenyangkan oleh
kekuatanmu,
dan hasil penat lelahmu masuk ke rumah
orang asing,
- ¹¹ sehingga engkau mengeluh akhirnya,
ketika daging dan tubuhmu habis binasa.
- ¹² Kemudian engkau berkata, “Kenapalah aku
membenci didikan
dan hatiku menolak teguran?”
- ¹³ Aku jua tidak mematuhi ajaran para guruku,
dan tidak mengarahkan telingaku kepada
orang yang mendidikku.
- ¹⁴ Aku nyaris hancur lebur
di tengah-tengah jemaah dan perhimpunan
orang.”

- 15 Minumlah air daripada telagamu sendiri,
dan air yang segar daripada perigimu sendiri.
- 16 Patutkah mata airmu memencar ke
mana-mana,
dan aliran airmu mengalir di jalan-jalan raya?
- 17 Biarlah itu menjadi milikmu sendiri,
dan jangan menjadi milik orang asing yang
berada bersamamu.
- 18 Semoga mata airmu diberkati.
Bersukacitalah dengan isteri masa mudamu,
- 19 bagai seekor rusa yang jelita, kambing hutan
anggun.
Biarlah payudaranya sentiasa
memuaskanmu,
dan engkau selalu ghairah dengan cintanya.
- 20 Hai anakku, apa gunanya engkau ghairah
dengan perempuan lucah,
dan mendakap dada perempuan penzina?
- 21 Kerana jalan-jalan manusia nyata di hadapan
mata Tuhan,
dan Dia meneliti setiap langkahnya.
- 22 Orang durjana akan terjebak dalam
kejahatannya sendiri,
dan terjerat dalam serabut dosanya.
- 23 Dia akan mati kerana kurang didikan,
dan tersesat dalam keluasan kancah
kebodohnya sendiri.

Berbagai-bagai nasihat dan amaran

- 6** ¹ Hai anakku, jika engkau menjadi penjamin bagi jiranmu, dan jika engkau membuat perjanjian jaminan dengan orang asing;
- ² jika engkau terjerat oleh kata-kata mulutmu, dan terbelenggu oleh pengucapan mulutmu,
- ³ maka buatlah demikian, hai anakku dan lepaskanlah dirimu, kerana engkau telah jatuh ke dalam genggamannya jiranmu.
- Pergilah, rendahkanlah dirimu, dan rayulah bersungguh-sungguh kepada jiranmu itu.
- ⁴ Jangan biarkan matamu tertidur, atau kelopak matamu mengantuk.
- ⁵ Lepaskanlah dirimu seperti kijang daripada tangan pemburu, dan seperti burung daripada tangan pemikat.
- ⁶ Pergilah kepada semut, hai pemalas, perhatikanlah cara hidupnya dan jadilah arif.
- ⁷ Meskipun tidak punya pemimpin, pengawas, ataupun penguasa,
- ⁸ ia menyediakan makanannya pada musim panas, dan mengumpulkan perbekalan pada musim menuai.

- ⁹ Berapa lama lagi engkau akan berbaring, hai pemalas?
Bilakah engkau akan bangun daripada tidurmu?
- ¹⁰ “Tidur sebentar, mengantuk sebentar, lipat tangan sebentar untuk berbaring.”
- ¹¹ Maka kemiskinan mendatangimu seperti pencuri,
dan kesempitan seperti orang bersenjata.
- ¹² Seorang durjana dan seorang manusia yang tidak berguna,
berjalan ke mana-mana dengan mulut mungkar.
- ¹³ Dia mengenyitkan matanya,
memberikan isyarat dengan kakinya dan berisyarat dengan jarinya.
- ¹⁴ Dengan tipu muslihat yang menulari hatinya,
dia sentiasa merancang kejahatan,
menimbulkan pertengkaran.
- ¹⁵ Kerana itu bencana akan datang menimpanya
dengan tiba-tiba,
dan sekonyong-konyong sahaja dia akan dihancurkan tanpa dapat dipulihkan lagi.
- ¹⁶ Ada enam hal yang dibenci Tuhan,
bahkan tujuh perkara yang menjadi kekejian bagi-Nya:

- 17 Mata sombong, lidah dusta,
tangan yang menumpahkan darah orang
tidak bersalah,
18 hati yang merancang hal-hal durjana,
kaki yang cepat berlari menuju kejahatan,
19 saksi dusta yang bertutur bohong,
dan orang yang menimbulkan perbalahan
antara saudara.

Amaran terhadap perzinaan

- 20 Hai anakku, peganglah teguh perintah
ayahmu,
dan jangan abaikan ajaran ibumu.
21 Tambatkanlah sentiasa semua didikan itu
dalam hatimu,
dan kalungkanlah pada lehermu.
22 Apabila engkau berjalan, segalanya itu akan
memimpinmu,
apabila engkau berbaring, segalanya akan
menjagamu,
dan apabila engkau bangun, segalanya akan
menyapamu.
23 Kerana perintah itu pelita, dan ajaran itu
cahaya,
dan teguran yang mendidik adalah jalan
kehidupan.
24 Dengan demikian, engkau akan terpelihara
daripada perempuan yang jahat,

dan daripada pujuk rayu perempuan
penzina.

²⁵ Janganlah hatimu mendambakan
kecantikannya,

jangan biarkan dia menjebakmu dengan
kelopak matanya.

²⁶ Kerana perempuan lucah
dapat disewa dengan sepotong roti,
tetapi perempuan penzina
memburu nyawa yang berharga.

²⁷ Dapatkah seorang lelaki membawa api di
dalam dada bajunya,
tanpa api menjilat pakaiannya?

²⁸ Jika seseorang berjalan di atas bara,
masakan kakinya tidak terbakar?

²⁹ Demikian jugalah orang yang mencabul isteri
jirannya.

Sesiapa pun yang menyentuhnya tidak akan
lepas daripada hukuman.

³⁰ Seorang pencuri tidak dihina jika dia mencuri
sesuatu

untuk memuaskan nafsunya ketika dia lapar.

³¹ Tetapi jika tertangkap maka hendaklah dia
mengganti tujuh kali ganda,
dan hendaklah dia menyerahkan segala
harta benda di dalam rumahnya.

- ³² Tetapi orang yang berzina dengan isteri orang lain memang orang yang tidak berakal budi;
dia membinasakan dirinya sendiri dengan berbuat demikian.
- ³³ Yang diperolehnya ialah luka dan aib, dan celanya tidak terhapuskan.
- ³⁴ Cemburu memang membuat lelaki berang, dan pada hari pembalasan dia tidak akan berbelas kasihan.
- ³⁵ Dia tidak akan mengendahkan tebusan apa pun,
dan tidak akan menerima pemberianmu sebanyak mana pun.

Amaran terhadap penzina

- 7** ¹ Hai anakku, pegang teguh kata-kataku, dan sematkanlah segala perintahku dalam hatimu.
- ² Patuhi segala perintahku, maka engkau akan hidup;
peliharalah ajaranku seperti biji matamu.
- ³ Tambatkanlah segalanya pada jarimu, dan pahatkanlah kesemuanya pada loh hatimu.
- ⁴ Katakanlah kepada hikmah, “Engkau saudaraku,”

- dan anggaplah pengertian itu kerabatmu
yang karib,
- ⁵ supaya engkau terhindar daripada perempuan
lucah,
dan daripada perempuan pezina dengan
pujuk rayunya.
- ⁶ Dari jendela rumahku,
ketika aku menjenguk melalui kekisi,
- ⁷ kulihat di antara orang yang betul bendul, dan
kuperhatikan dalam kalangan teruna,
seorang muda yang tidak berakal budi.
- ⁸ Dia melintasi jalan dekat persimpangan
lalu melangkah menuju rumah perempuan
sebegitu
- ⁹ pada waktu maghrib, pada waktu senja,
menjelang malam yang gelap gelita.
- ¹⁰ Muncullah seorang perempuan datang
menemuinya,
berpakaian lucah dan berhati licik.
- ¹¹ Liar sifatnya dan jiwanya memberontak.
Kakinya tidak betah di rumah,
- ¹² sebentar di jalan, sebentar di medan-medan
umum,
dan di setiap persimpangan dia menyasar.
- ¹³ Dirangkulnya si anak muda itu dan diciumnya,
lalu dengan galak dia berkata kepadanya,
- ¹⁴ "Aku harus mempersembahkan korban
kedamaian,

dan pada hari ini aku telah menunaikan nazarku.

¹⁵ Maka aku pun keluar untuk bertemu denganmu;

Aku mencarimu dengan sedaya upaya, lalu kini kutemui engkau.

¹⁶ Di atas tempat tidurku telah kubentangkan alas,

kain linen beraneka warna dari Mesir.

¹⁷ Aku telah mengharumkan katilku itu dengan damar wangi, gaharu, dan kayu manis.

¹⁸ Marilah kita melampiaskan berahi sampai pagi hari,

dan menghirup nikmat cinta,

¹⁹ kerana suamiku tiada di rumah,

dia sedang menempuh perjalanan yang jauh.

²⁰ Dia membawa sekantung wang,

dan hanya akan pulang ke rumah menjelang bulan purnama.”

²¹ Dengan pujuk cumbu dia memikat,

dan dengan rayuan bibirnya yang licin dia menggoda.

²² Lantas anak muda itu mengikutinya

seperti lembu yang dihela ke tempat penyembelihan,

seperti orang terbelenggu yang dihela ke tempat penghukuman orang bodoh,

- ²³ sampai anak panah menikam hatinya.
Dia seperti burung yang bergegas menuju
masuk jerat,
tanpa sedar nyawanya terancam.
- ²⁴ Oleh sebab itu, hai anak-anakku, dengarlah
aku,
perhatikanlah kata-kata mulutku.
- ²⁵ Janganlah hatimu menyimpang ke jalan-jalan
perempuan sebegitu,
dan janganlah tersesat di lorong-lorongnya,
- ²⁶ kerana telah banyak mangsa yang
dijatuhkannya,
dan orang gagah yang dimusnahkannya.
- ²⁷ Rumahnya memang jalan menuju ke alam
barzakh,
yang menjunam ke dalam ruang-ruang maut.

Hikmah sumber keberkatan

- 8** ¹ Bukankah hikmah berseru-seru,
dan pengertian menyaringkan suaranya?
- ² Di puncak tempat tinggi di tepi jalan
serta di persimpangan, di sanalah ia berdiri.
- ³ Di sebelah pintu gerbang, tempat masuk
menuju kota
serta di pintu-pintu masuk, ia mengangkat
suaranya,

- ⁴ “Hai umat insan, kepadamulah aku berseru,
kepada semua anak manusia seruanku
ditujukan.
- ⁵ Hai orang yang betul bendul, perolehlah
kecerdasan;
hai orang bodoh, perolehlah pengertian.
- ⁶ Dengarlah, kerana aku akan mengatakan
hal-hal yang luhur,
bibirku terbuka menyampaikan perkara-
perkara yang betul.
- ⁷ Mulutku akan mengatakan kebenaran;
kedurjanaan adalah kekejian bagi bibirku.
- ⁸ Segala kata-kata mulutku adalah benar,
tiada yang songsang atau bengkok-bengkok.
- ⁹ Segalanya itu jelas bagi orang yang
berpengertian,
dan tepat bagi orang yang berpengetahuan.
- ¹⁰ Pilihlah ajaranku dan bukannya perak;
pilihlah pengetahuan dan bukannya emas
pilihan.
- ¹¹ Kerana hikmah lebih bernilai daripada segala
permata,
dan segala yang dihasratkan tidak setara
dengannya.
- ¹² Aku, hikmah, hidup seiring kecerdasan,
dan memperoleh pengetahuan serta
kebijaksanaan.

- 13 Takut kepada Tuhan bererti membenci kejahatan.
Kesombongan, ketakburan, kejahatan, serta mulut mungkar, semuanya kubenci.
- 14 Padaku ada nasihat dan hikmah yang baik, aku memiliki pengertian, dan juga kekuatan.
- 15 Kerana akulah, raja-raja memerintah, dan para penguasa menetapkan keadilan.
- 16 Kerana aku, para raja dan bangsawan berkuasa, malahan semua yang memerintah di bumi dengan adil.
- 17 Aku mengasihi orang yang mengasihiku, sesiapa yang bersungguh-sungguh mencari aku akan menemuiku.
- 18 Kekayaan dan kehormatan ada padaku, demikian pula harta yang kekal dan kemakmuran.
- 19 Buahku lebih baik daripada emas, bahkan melebihi emas tulen, demikian pula hasilku lebih baik berbanding dengan perak pilihan.
- 20 Aku berjalan di jalan yang benar, di tengah-tengah lorong keadilan,
- 21 demi mewariskan khazanah kepada kalangan yang mengasihiku, dan memenuhi perbendaharaan

- 22 Tuhan menjadikan aku pada permulaan
pekerjaan-Nya,
sebagai karya-Nya yang sulung pada zaman
purba.
- 23 Aku ditetapkan sejak azali,
sebelum ada bumi.
- 24 Ketika samudera raya belum ada, aku telah
lahir,
ketika belum ada mata air yang berlimpah
airnya.
- 25 Sebelum gunung-ganang didirikan,
dan lebih dahulu daripada penciptaan
bukit-bukau, aku telah lahir,
- 26 ketika Dia belum menjadikan bumi dan
padang-padangnya,
atau debu tanah yang mula-mula di dunia ini.
- 27 Ketika Dia membentangkan langit, aku ada di
sana,
ketika Dia menempatkan kaki langit pada
permukaan samudera;
- 28 ketika Dia menetapkan awan-awan di atas,
dan ketika segala mata air samudera
menderas;
- 29 ketika Dia menentukan batas bagi lautan
supaya airnya tidak melanggar perintah-Nya,
dan ketika Dia menetapkan asas-asas bumi,

- ³⁰ aku ada di samping-Nya sebagai ahli binaan.
Hari demi hari aku menjadi kegembiraan-Nya,
- ³¹ dan sentiasa bersenang-senang di hadapan-Nya,
bergembira di atas muka bumi-Nya dan bahagia dengan anak-anak manusia.
- ³² Sekarang, hai anak-anak, dengarlah kata-kataku,
berbahagialah orang yang memelihara jalan-jalanku.
- ³³ Dengarlah didikan dan jadilah orang yang arif;
jangan abaikannya.
- ³⁴ Berbahagialah orang yang mendengar kata-kataku,
yang berjaga-jaga setiap hari di pintu gerbangku,
dan yang menanti-nanti di pintu rumahku,
- ³⁵ kerana sesiapa yang menemukanku,
menemukan hidup,
dan Tuhan berkenan kepadanya.
- ³⁶ Tetapi sesiapa yang tidak menemukanku,
melukai dirinya sendiri.
Semua orang yang membenciku, mengasihi maut.”

Undangan hikmah

- 9** ¹ Hikmah telah membina rumahnya
serta menegakkan ketujuh-tujuh tiangnya.
- ² Ia telah menyembelih haiwannya,
mencampurkan air anggurnya,
juga menyediakan sajian mejanya.
- ³ Ia telah mengutus para pelayan
perempuannya,
dan dari atas tempat-tempat tinggi di kota ia
mengundang,
- ⁴ “Sesiapa yang betul bendul, menyimpanglah
ke mari!”
Kepada orang yang kurang akal, demikianlah
katanya,
- ⁵ “Mari, makanlah rotiku,
dan minumlah air anggur yang telah
kucampur.
- ⁶ Tinggalkanlah kebebalan, maka kamu akan
hidup,
dan majulah di jalan pengertian.”
- ⁷ Sesiapa yang membetulkan si pencemuh akan
mendapat hinaan,
dan sesiapa yang menegur orang durjana
akan menerima makian.
- ⁸ Jangan tegur pencemuh, nanti dia akan
membencimu.

- Tegurlah orang bijaksana, maka dia akan mengasihimu.
- ⁹ Nasihatilah orang bijaksana, maka dia akan bertambah arif,
dan ajarlah orang benar, maka pengetahuannya akan bertambah.
- ¹⁰ Takut kepada Tuhan adalah permulaan hikmah,
dan pengetahuan akan Yang Maha Suci adalah pengertian.
- ¹¹ Kerana melalui aku, hari-harimu akan menjadi banyak,
dan tahun-tahun kehidupanmu akan ditambah.
- ¹² Jika engkau bijaksana, maka kebijaksanaanmu itu bagi dirimu,
dan jika engkau mencemuh, engkau sendiri kelak menanggungnya.
- ¹³ Perempuan yang bodoh itu cerewet;
dia tidak bertimbang rasa, tidak tahu malu dan tidak tahu apa-apa.
- ¹⁴ Dia duduk di depan pintu rumahnya,
di tempat-tempat duduk yang terbuka dan tinggi di kota,
- ¹⁵ mengundang orang yang melintasi jalan,
yang sedang berjalan lurus,

¹⁶ “Sesiapa yang betul bendul, menyimpanglah ke mari!”

Kepada yang kurang berakal demikian katanya,

¹⁷ “Air curian manis rasanya, dan roti yang dimakan secara bersembunyi-sembunyi sedap rasanya.”

¹⁸ Tetapi orang itu tidak tahu bahawa di situ ada arwah, lantaran tamu-tamunya berada di alam barzakh.

Amsal Salomo

10 ¹ Inilah amsal Salomo:
Anak yang arif menyukakan hati ayahnya, tetapi anak yang bodoh adalah kedukaan ibunya.

² Harta hasil kedurjanaan tidaklah berfaedah, tetapi perbenaran^l melepaskan orang daripada maut.

³ Tuhan tidak akan membiarkan orang benar kelaparan, tetapi Dia merintangangi nafsu orang durjana.

⁴ Tangan yang malas menempah kemiskinan,

^l10:2 Perbenaran: Rujukan kepada kebaikan, keadilan dan kejujuran.

tetapi tangan yang rajin menghasilkan
kekayaan.

⁵ Anak yang bijaksana mengumpulkan hasil
pada musim panas,
tetapi anak yang tidur pada musim menuai
membawa aib.

⁶ Berkat memahkotai orang benar,
tetapi mulut orang durjana menyembunyikan
kejahatan.

⁷ Kenangan akan orang benar membawa
berkat,
tetapi nama orang durjana akan membusuk.

⁸ Hati yang bijak menerima perintah,
tetapi orang bodoh yang banyak bercakap
akan hancur.

⁹ Orang yang hidup dalam keikhlasan, aman
jalannya,
tetapi sesiapa memesongkan jalannya akan
diketahui juga.

¹⁰ Orang yang mengenyitkan matanya
mendatangkan duka,
tetapi orang bodoh yang banyak bercakap
akan hancur.

¹¹ Mulut orang benar ialah mata air kehidupan,
tetapi mulut orang durjana menyembunyikan
kejahatan.

- 12 Kebencian menimbulkan perbalahan,
tetapi kasih menutupi segala pelanggaran.
- 13 Di bibir orang berpengertian terdapat
hikmah,
tetapi rotan tersedia bagi belakang orang
yang kurang berakal.
- 14 Orang bijaksana menimbunkan pengetahuan,
tetapi mulut orang bodoh mendampingi
kehancuran.
- 15 Harta kekayaan ialah benteng bagi orang
kaya,
tetapi kepapaan adalah kehancuran bagi
orang miskin.
- 16 Hasil usaha orang benar membawa kepada
kehidupan,
tetapi dosa tuaian orang durjana membawa
kepada penghukuman.
- 17 Sesiapa yang memperhatikan didikan menuju
jalan kehidupan,
tetapi sesiapa yang menolak teguran bakal
tersesat.
- 18 Sesiapa yang menyembunyikan kebencian
bermulut dusta,
dan sesiapa yang menyebarkan fitnah tidak
berakal.
- 19 Apabila banyak bercakap, dosa pasti ada,

- tetapi orang bijaksana mengawal mulutnya.
- ²⁰ Lidah orang benar bagaikan perak pilihan,
tetapi hati orang durjana tiada harganya.
- ²¹ Bibir orang benar menggandakan belas ihsan,
tetapi orang yang bodoh mati kerana kurang berakal.
- ²² Berkat Tuhan mengayakan,
dan Dia tidak menambahkan kesusahan kepadanya.
- ²³ Berbuat jahat bagaikan permainan orang bodoh,
tetapi hikmah ialah kegemaran bagi orang yang berpengertian.
- ²⁴ Orang durjana akan ditimpa perkara yang ditakutinya,
tetapi keinginan orang benar akan termakbul.
- ²⁵ Apabila angin puting beliung melanda akan tiada lagi orang durjana,
tetapi orang benar akan kukuh selamanya.
- ²⁶ Sebagaimana kesan cuka bagi gigi dan asap bagi mata,
demikianlah si pemalas bagi orang yang mengutusnya.
- ²⁷ Takut kepada Tuhan memanjangkan usia,
tetapi tahun-tahun orang durjana akan dipersingkat.
- ²⁸ Harapan orang benar akan menjadi sukacita,

- tetapi harapan orang durjana akan binasa.
- ²⁹ Jalan Tuhan adalah perlindungan bagi orang yang tulus,
tetapi kehancuran bagi orang yang berbuat jahat.
- ³⁰ Orang benar tidak akan goyah untuk selama-lamanya,
tetapi orang durjana tidak akan lama di bumi ini.
- ³¹ Mulut orang benar mengucapkan hikmah,
tetapi lidah yang suka mungkar akan dikerat.
- ³² Bibir orang benar tahu apa yang menyenangkan,
tetapi mulut orang durjana hanya tahu kata-kata mungkar.

Tanpa pimpinan, jatuhlah bangsa

- 11** ¹ Neraca yang palsu adalah kekejian bagi Tuhan,
tetapi batu timbangan yang tepat adalah keredaan-Nya.
- ² Ketika keangkuhan datang, aib pun menyusul,
tetapi dengan kerendahan hati datangnya hikmah.
- ³ Orang yang ikhlas akan dipimpin oleh ketulusannya,
tetapi orang yang khianat dibinasakan oleh kecurangannya.

- ⁴ Pada hari kemurkaan, harta tidak berguna,
tetapi perbenaran^m melepaskan orang
daripada maut.
- ⁵ Jalan orang yang tidak bercela diluruskan oleh
perbenarannya,
tetapi orang yang durjana jatuh oleh
kedurjanaannya sendiri.
- ⁶ Orang yang tulus hati diselamatkan oleh
perbenarannya,
tetapi orang yang khianat terjebak oleh
kerakusannya sendiri.
- ⁷ Ketika orang durjana mati, harapannya lenyap,
dan segala kekayaan yang diharapkan hancur
juga.
- ⁸ Orang benar dilepaskan daripada kesesakan,
yang lantas menimpa orang durjana.
- ⁹ Dengan mulutnya, orang yang munafik
membinasakan jirannya,
tetapi dengan pengetahuan orang benar
terselamat.
- ¹⁰ Jika orang benar beruntung, seluruh kota
bergembira,
dan jika orang durjana binasa, orang
bersorak-sorai.

^m**11:4** “Perbenarannya” dalam konteks ini merangkumi maksud tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah serta melaksanakan tuntutan-tuntutannya.

- 11 Kota dimuliakan kerana keberkatan orang yang lurus hati, tetapi diruntuhkan kerana mulut orang durjana.
- 12 Orang yang tidak berakal budi memandang rendah jirannya, tetapi orang yang berpengertian berdiam diri.
- 13 Orang yang membawa mulut ke sana ke mari membuka rahsia, tetapi orang yang amanah menjaga rahsia.
- 14 Jika tidak ada pimpinan, jatuhlah sesuatu bangsa, tetapi jika banyak penasihat keselamatan terjamin.
- 15 Orang yang menjadi penjamin bagi orang lain bakal mendapat susah, tetapi orang yang benci urusan menaja jamin akan aman.
- 16 Perempuan yang bersopan santun memperoleh kehormatan, walhal orang yang kejam hanya memperoleh kekayaan.
- 17 Orang yang baik hati menguntungkan dirinya sendiri, tetapi orang yang kejam memudaratkan diri sendiri.

- ¹⁸ Orang durjana mendapat upah yang mungkar,
tetapi orang yang menabur perbenaran
mendapat pahala yang pasti.
- ¹⁹ Orang yang teguh dalam perbenaran akan
memperoleh kehidupan,
tetapi orang yang mengejar kejahatan
meluru menempah kematiannya.
- ²⁰ Orang yang derhaka hatinya adalah kekejian
bagi Tuhan,
tetapi orang yang jalannya tidak bercela
adalah keredaan-Nya.
- ²¹ Yakinalah, orang yang jahat tidak akan terlepas
daripada hukuman,
tetapi keturunan orang benar akan
diselamatkan.
- ²² Seperti anting-anting emas di jongor babi,
demikianlah perempuan cantik yang
mengetepikan budi bicara.
- ²³ Keinginan orang benar mendatangkan
kebaikan semata-mata,
tetapi harapan orang durjana mendatangkan
murka.
- ²⁴ Ada orang yang sering bermurah hati namun
begitu semakin bertambah kaya,
ada orang yang menahan apa yang patut
diberikannya namun kian susut juga
miliknya.

- ²⁵ Jiwa yang suka beramal jahiah akan diberi kelimpahan,
orang yang memberikan air kepada orang,
dia sendiri akan diberi minum.
- ²⁶ Kutukan umum tertuju kepada sesiapa yang menyorokkan hasil ladang,
tetapi keberkatan akan tercurah ke atas orang yang menjualnya.
- ²⁷ Orang yang mencari kebaikan akan mendapat kebajikan,
tetapi orang yang mengejar kejahatan akan ditimpa kejahatan.
- ²⁸ Sesiapa yang mengharapkan kekayaannya akan jatuh,
tetapi orang benar akan tumbuh subur seperti daun rimbun.
- ²⁹ Sesiapa yang menyusahkan rumah tangganya akan menangkap angin,
dan orang bodoh akan menjadi hamba kepada orang yang bijaksana.
- ³⁰ Hasil orang benar ialah pokok hayat,
dan orang yang bijaksana, pandai mengambil hati orang.
- ³¹ Jika orang warak pun menerima balasan di bumi ini,

apatah lagi orang yang ingkar dan orang yang berdosa!

12 ¹ Sesiapa yang menyukai didikan,
menyukai pengetahuan,
tetapi sesiapa yang membenci teguran
adalah bodoh.

² Orang yang baik menerima keredaan Tuhan,
tetapi orang yang merancang kejahatan akan
dihukum-Nya.

³ Seseorang tidak mampu tegak dengan
kedurjanaan,
tetapi akar orang benar tidak akan goyah.

⁴ Isteri yang cemerlang adalah mahkota
suaminya,
tetapi isteri yang mengaibkan suaminya bak
kereputan pada tulang.

⁵ Fikiran orang benar adalah lurus,
tetapi nasihat orang durjana penuh tipu
daya.

⁶ Kata-kata orang durjana menyerang hendap
orang,
tetapi mulut orang yang lurus hati
menyelamatkan mereka.

⁷ Orang durjana dijatuhkan sehingga mereka
tidak ada lagi,
tetapi rumah orang benar berdiri teguh.

⁸ Orang dipuji selaras dengan akal budinya,
tetapi orang yang munafik akan dihina.

- ⁹ Lebih baik dianggap rendah tetapi mempunyai hamba,
daripada berlagak terhormat tetapi kekurangan makanan.
- ¹⁰ Orang benar memperhatikan hidup haiwannya,
tetapi belas kasihan orang durjana itu kejam.
- ¹¹ Sesiapa mengusahakan tanahnya akan kenyang dengan makanan,
tetapi sesiapa mengejar hal yang hampa kurang akal budi.
- ¹² Orang durjana menginginkan jarahan orang durjana,
tetapi akar orang benar mengeluarkan hasil.
- ¹³ Orang yang jahat terjerat oleh pelanggaran bibirnya,
tetapi orang benar terlepas daripada kesesakan.
- ¹⁴ Seseorang akan kenyang dengan kebaikan daripada buah perkataannya,
dan orang mendapat ganjaran hasil pekerjaan tangannya.
- ¹⁵ Jalan orang bodoh lurus di matanya sendiri,
tetapi orang bijaksana mendengar nasihat.
- ¹⁶ Kejengkelan orang bodoh akan terpamer serta-merta,
tetapi orang bijaksana tidak menghiraukan hinaan.

- 17 Saksi yang bercakap benar, menyatakan apa yang betul,
tetapi saksi dusta mengucap tipu daya.
- 18 Ada orang yang kata-katanya terburu-buru laksana tikaman pedang,
tetapi lidah orang bijaksana membawa penyembuhan.
- 19 Bibir yang mengucap kata-kata benar akan tetap untuk selama-lamanya,
tetapi lidah dusta hanya bertahan sekejap mata.
- 20 Tipu daya bersarang dalam hati orang yang merancang kejahatan,
tetapi orang yang mengusahakan damai bersukacita.
- 21 Kesusahan tidak akan menimpa orang benar,
tetapi orang durjana sentiasa dirundung malang.
- 22 Bibir dusta adalah kekejian bagi Tuhan,
tetapi orang yang melakukan apa yang benar adalah kesukaan-Nya.
- 23 Orang bijaksana menyimpan pengetahuannya,
tetapi hati orang yang bodoh menguar-uarkan kebodohnya.
- 24 Tangan orang yang rajin akan memerintah,
tetapi si pemalas akhirnya menjadi buruh paksa.

- ²⁵ Kekhawatiran memberatkan hati,
tetapi kata-kata yang baik
menggembirakannya.
- ²⁶ Orang benar menjadi panduan bagi jirannya,
tetapi jalan orang durjana menyesatkan
mereka.
- ²⁷ Si pemalas enggan memanggag hasil
buruannya,
tetapi orang rajin akan mendapat harta
berharga.
- ²⁸ Hidup ada di jalan yang benar,
dan di jalan itu tidak ada yang menuju maut.

Bergaul dengan orang bijaksana

- 13** ¹ Anak yang arif memperhatikan didikan
ayahnya,
tetapi pencemuh tidak mahu mendengar
teguran.
- ² Daripada buah perkataannya seseorang
menikmati kebaikan,
tetapi orang yang khianat menginginkan
kekerasan.
- ³ Orang yang menjaga mulutnya memelihara
nyawanya,
tetapi orang yang banyak mulut akan
mengalami kehancuran.
- ⁴ Hati si pemalas penuh keinginan tetapi tidak
mendapat apa-apa,

- tetapi hati orang rajin mendapat kepuasan berlimpah-ruah.
- ⁵ Orang benar membenci perkara dusta, tetapi orang durjana mungkar dan tercela tindakannya.
- ⁶ Perbenaranⁿ mengawal orang yang hidup tidak bercela, tetapi kejahatan menghancurkan orang yang berdosa.
- ⁷ Ada orang yang berpura-pura kaya tetapi tidak punya apa-apa, ada pula yang berpura-pura miskin tetapi banyak hartanya.
- ⁸ Kekayaan adalah tebusan nyawa seseorang, tetapi orang miskin tidak akan mendengar ancaman.
- ⁹ Cahaya orang benar terang-benderang, tetapi pelita orang durjana akan padam.
- ¹⁰ Keangkuhan hanya mendatangkan pertengkaran, tetapi hikmah ada pada orang yang menerima nasihat.
- ¹¹ Harta hasil penipuan akan susut dengan cepat,

ⁿ**13:6** Perbenaran: Merujuk kepada kebaikan, kejujuran dan keadilan.

- tetapi orang yang mengumpulkan sedikit demi sedikit akan melipatgandakannya.
- ¹² Harapan yang tertunda menyedihkan hati, tetapi keinginan yang termakbul ialah pokok hayat.
- ¹³ Sesiapa yang menghina firman akan membinasakan dirinya sendiri, tetapi orang yang mentaati perintah akan mendapat pahala.
- ¹⁴ Ajaran orang bijaksana ialah mata air kehidupan yang membolehkan orang menghindari jerat-jerat maut.
- ¹⁵ Pengertian yang baik mendatangkan kurnia, tetapi jalan pengkhianat sarat dengan penderitaan.
- ¹⁶ Setiap orang yang bijaksana bertindak dengan pengetahuannya, tetapi orang yang bodoh memperagakan kebodohnya.
- ¹⁷ Pesuruh yang durjana jatuh ke dalam kesusahan, tetapi duta yang setia membawa penyembuhan.
- ¹⁸ Kemiskinan dan aib akan menimpa dia yang melalaikan didikan, tetapi penghormatan menanti orang yang mengendahkan teguran.

- ¹⁹ Keinginan yang termakbul begitu
menyenangkan hati,
tetapi bagi orang bodoh menjauhkan diri
daripada kejahatan sesuatu kekejian.
- ²⁰ Orang yang bergaul dengan orang arif akan
menjadi arif,
tetapi orang yang berkawan dengan orang
bodoh akan menderita.
- ²¹ Malapetaka mengejar orang berdosa,
tetapi kemakmuran adalah ganjaran orang
benar.
- ²² Orang baik meninggalkan warisan bagi anak
cucunya,
tetapi kekayaan orang berdosa tersimpan
bagi orang benar.
- ²³ Ladang orang miskin menghasilkan banyak
makanan,
tetapi ladang itu lenyap kerana ketidakadilan.
- ²⁴ Orang yang enggan menggunakan rotan
membenci anaknya,
tetapi orang yang mengasihi anaknya
sanggup mengajarnya.
- ²⁵ Orang benar ada kecukupan untuk
memenuhi seleranya,
tetapi perut orang yang durjana selalu
merasa kekurangan.

14 ¹ Perempuan yang bijaksana membina
rumahnya,

- tetapi yang bodoh merobohkannya dengan tangannya sendiri.
- ² Sesiapa yang hidup jujur, takut kepada Tuhan, tetapi orang yang menyimpang perilakunya menghina Dia.
- ³ Di dalam mulut orang bodoh ada rotan bagi punggungnya, tetapi orang bijaksana dijaga oleh bibirnya.
- ⁴ Jika tidak ada lembu, maka bersihlah kandang, tetapi dengan kekuatan lembu banyakkah hasil.
- ⁵ Saksi yang setia tidak akan berdusta, tetapi saksi dusta menyampaikan pembohongan.
- ⁶ Si pencemuh mencari hikmah dan tidak mendapatinya, tetapi orang yang berpengertian mudah mendapati pengetahuan.
- ⁷ Jauhilah orang bodoh, kerana pada bibirnya tidak akan kautemukan pengetahuan.
- ⁸ Hikmah orang bijaksana adalah memahami jalan hidupnya, tetapi kebodohan orang tolol adalah tipu daya.
- ⁹ Orang bodoh mencemuh korban yang menebus kesalahan,

tetapi kebajikan terdapat dalam kalangan yang tulus hati.

- 10 Hati mengetahui kepahitannya sendiri, dan kegembiraannya tidak dapat turut dirasakan orang lain.
- 11 Rumah orang durjana akan musnah, tetapi khemah orang yang jujur akan berkembang maju.
- 12 Ada jalan yang dianggap orang lurus, tetapi akhirnya menuju maut.
- 13 Dalam tertawa pun hati dapat berasa sakit, dan kesukaan dapat berakhir dengan duka.
- 14 Orang yang hatinya menyeleweng akan mendapat balasan untuk jalannya sendiri, dan orang yang baik untuk perbuatannya.
- 15 Orang yang betul bendul mempercayai segala-galanya, tetapi orang bijaksana mempertimbangkan gerak langkahnya.
- 16 Orang bijaksana berwaspada dan menghindari kejahatan, tetapi orang bodoh bongkak dan ceroboh.
- 17 Orang yang lekas marah bertindak bodoh, dan sesiapa yang merancang kejahatan dibenci.

- ¹⁸ Orang yang betul bendul mewarisi kebodohan, tetapi orang yang bijaksana bermahkotakan pengetahuan.
- ¹⁹ Orang jahat tunduk kepada orang baik, dan orang durjana di pintu gerbang orang benar.
- ²⁰ Orang miskin dibenci, bahkan oleh jirannya, tetapi ramai sekali sahabat si orang kaya.
- ²¹ Sesiapa yang menghina jirannya berbuat dosa, tetapi berbahagialah orang yang mengasihani fakir miskin.
- ²² Bukankah orang yang merancang kejahatan itu sesat?
Walhal orang yang merancang kebaikan memperoleh kasih dan kesetiaan.
- ²³ Segala penat lelah mendatangkan keuntungan, tetapi kata-kata kosong hanya mendatangkan kemiskinan.
- ²⁴ Kekayaan ialah mahkota orang bijaksana, tetapi kebodohan orang bodoh sekadar menghasilkan kebodohan.
- ²⁵ Saksi yang bercakap benar menyelamatkan nyawa, tetapi orang yang berdusta ialah pengkhianat.

- ²⁶ Orang yang takut kepada Tuhan menampilkan keyakinan yang kuat,
dan anak-anaknya mendapat perlindungan.
- ²⁷ Takut kepada Tuhan ialah mata air kehidupan,
sehingga seseorang itu dapat menghindari jerat-jerat maut.
- ²⁸ Rakyat yang ramai ialah kemuliaan raja,
tetapi tanpa rakyat runtuhlah pemerintah.
- ²⁹ Sesiapa yang panjang sabar, besar pengertiannya,
tetapi orang yang lekas naik darah mempamerkan kebodohan.
- ³⁰ Hati yang tenteram menyegarkan tubuh,
tetapi hasad dengki mereputkan tulang.
- ³¹ Sesiapa menindas orang miskin, mencela Penciptanya,
tetapi sesiapa yang mengasihani orang yang melarat, memuliakan Dia.
- ³² Orang durjana dihempaskan kerana kejahatannya,
tetapi orang benar mendapatkan pelindung dalam kematiannya.
- ³³ Hikmah wujud dalam hati orang yang berpengertian,
bahkan dalam kalangan bodoh pun hikmah dinyatakan.

³⁴ Perbenaran^o meninggikan martabat sesuatu bangsa,
tetapi dosa menjadi keaiban mana-mana sahaja bangsa.

³⁵ Raja berkenan kepada hamba yang bijaksana,
tetapi dia murka terhadap orang yang membawa keaiban.

15 ¹ Jawapan yang lemah lembut meredakan murka,
tetapi perkataan yang tajam membangkitkan amarah.

² Lidah orang arif menjadikan pengetahuan menarik,
tetapi mulut orang bodoh meluahkan kebodohan.

³ Tuhan melihat segala-segalanya di mana-mana sahaja,
memperhatikan yang jahat dan yang baik.

⁴ Lidah yang menenangkan ialah pokok hayat,
tetapi lidah yang memutarbelitkan mematahkan semangat.

⁵ Orang bodoh menolak didikan ayahnya,
tetapi orang yang mengendahkan teguran memang bijaksana.

^o**14:34** Perbenaran: Perkataan ini merujuk kepada kebaikan, kejujuran dan keadilan.

- ⁶ Ada banyak harta benda di dalam rumah orang benar, tetapi penghasilan orang durjana membawa kesusahan.
- ⁷ Bibir orang bijaksana menyebarkan pengetahuan, tetapi hati orang bodoh tidak demikian.
- ⁸ Korban sembelihan orang durjana adalah kekejian bagi Tuhan, tetapi doa orang yang tulus memang keredaan-Nya.
- ⁹ Jalan orang durjana adalah kekejian bagi Tuhan, tetapi Dia mengasihi orang yang mengejar perbenaran. ^P
- ¹⁰ Hukuman yang keras menanti sesiapa yang meninggalkan jalan yang benar, dan orang yang membenci teguran akan mati.
- ¹¹ Alam barzakh dan neraka terbuka di depan Tuhan, lebih-lebih lagi hati anak-anak manusia!
- ¹² Pencemuh tidak menyukai orang yang memberikan teguran;

^P**15:9** Perbenaran: Perkataan ini merujuk kepada tingkah laku yang jujur, benar dan baik.

- dia tidak mahu pergi menemui orang
bijaksana.
- ¹³ Hati yang gembira membuat wajah berseri,
tetapi ketika hati berduka, patahlah
semangat.
- ¹⁴ Hati orang yang berpengertian mencari
pengetahuan,
tetapi mulut orang yang bebal menelan
kebodohan.
- ¹⁵ Bagi orang yang tertindas hari-harinya buruk
belaka,
tetapi hati yang riang sentiasa berpesta.
- ¹⁶ Lebih baik sedikit harta disertai dengan takut
kepada Tuhan
daripada banyak harta disertai kekacauan.
- ¹⁷ Lebih baik hidangan sayur di tempat
wujudnya kasih,
daripada hidangan lembu gemuk disertai
kebencian.
- ¹⁸ Orang yang pemaarah membangkitkan
pertengkaran,
tetapi orang yang panjang sabar
menenangkan pertikaian.
- ¹⁹ Jalan si pemalas ibarat pagar duri,
tetapi jalan orang yang lurus hati sebuah
lebuh raya.
- ²⁰ Anak yang bijaksana menyukakan ayahnya,
tetapi orang bodoh menghina ibunya.

- 21 Kebodohan menjadi kesukaan bagi orang yang tidak berakal budi, tetapi orang yang berpengertian berjalan lurus.
- 22 Rancangan gagal kerana tidak ada nasihat, tetapi berhasil dengan ramai penasihat.
- 23 Seseorang bergembira kerana jawapan yang diberikannya, dan alangkah baiknya kata-kata yang diucap tepat pada waktunya!
- 24 Jalan kehidupan orang bijaksana menuju ke atas, supaya dia menjauhi alam barzakh di bawah.
- 25 Tuhan membongkar rumah orang yang sombong, tetapi Dia mempertahankan batas tanah seorang balu.
- 26 Fikiran orang durjana adalah kekejian bagi Tuhan, tetapi perkataan yang menyenangkan suci bagi-Nya.
- 27 Orang yang tamak akan laba haram menyusahkan rumah tangganya sendiri, tetapi orang yang membenci rasuah akan hidup.
- 28 Hati orang benar mempertimbangkan jawabannya,

tetapi mulut orang durjana meluahkan hal-hal yang jahat.

²⁹ Tuhan jauh daripada orang yang durjana, tetapi doa orang benar didengar-Nya.

³⁰ Mata yang bercahaya menyukakan hati, dan khabar baik menyegarkan tulang.

³¹ Orang yang mengendahkan teguran yang membawa pada kehidupan akan tinggal dalam kalangan bijaksana.

³² Sesiapa menolak didikan, menghina diri sendiri, tetapi sesiapa yang mengendahkan teguran memperoleh pengertian.

³³ Takut kepada Tuhan adalah didikan yang mendatangkan hikmah, dan di sebalik kehormatan terdapat kerendahan hati.

16 ¹ Manusia dapat menyusun rancangan dalam hati, tetapi jawapan lidah berasal daripada Tuhan.

² Segala jalan seseorang bersih menurut pandangannya sendiri, tetapi Tuhan sajalah yang menimbang niat hatinya.

³ Serahkanlah perbuatanmu kepada Tuhan, maka rancanganmu akan terlaksana.

⁴ Tuhan menjadikan segala sesuatu, masing-masing untuk tujuan-Nya,

- bahkan orang durjana untuk hari malapetaka.
- ⁵ Semua yang bongkak hatinya adalah kekejian bagi Tuhan; yakinlah, mereka tidak akan terlepas daripada hukuman.
- ⁶ Dengan kasih dan kesetiaan, dosa dihapuskan, dan kerana takut kepada Tuhan, orang menjauhi kejahatan.
- ⁷ Jika Tuhan berkenan kepada jalan seseorang, Dia membuat musuh orang itu pun berdamai dengannya.
- ⁸ Lebih baik penghasilan sedikit dengan perbenaran,^q daripada penghasilan banyak tanpa keadilan.
- ⁹ Hati manusia merancang jalannya, tetapi Tuhan sajalah yang menentukan langkahnya.
- ¹⁰ Pernyataan ilahi ada pada bibir raja, dalam perkara hukum mulutnya tidak akan berbuat mungkar.
- ¹¹ Timbangan dan neraca yang benar memang milik Tuhan, dan semua batu timbangan dalam pundi-pundi adalah ciptaan-Nya.

^q**16:8** Perbenaran: Merangkumi makna kejujuran dan kebaikan.

- 12 Perbuatan yang jahat adalah kekejian bagi raja,
kerana takhta kerajaan ditegakkan oleh perbenaran.^r
- 13 Bibir yang berkata benar adalah kesukaan raja,
dia mengasihi orang yang jujur perkataannya.
- 14 Murka raja bagaikan malaikat maut,
tetapi orang yang bijaksana akan meredakannya.
- 15 Di wajah raja yang bersinar ada kehidupan,
dan kebajikannya seperti awan yang membawa hujan akhir musim.
- 16 Alangkah lebih baik memperoleh kebijaksanaan daripada emas,
memperoleh pengertian patut lebih dipilih daripada perak!
- 17 Jalan orang yang tulus menjauhi kejahatan,
dan sesiapa menjaga jalannya, memelihara nyawanya.
- 18 Keangkuhan mendahului kehancuran,
dan hati yang sombong mendahului kejatuhan.
- 19 Lebih baik merendahkan diri dengan orang miskin,

^r**16:12** Perbenaran: Tingkah laku yang jujur, tulus dan adil. Juga membawa maksud “keadilan.”

- daripada membahagi-bahagikan jarahan
dengan orang sombong.
- ²⁰ Sesiapa yang mengendahkan firman akan
mendapat kebajikan,
dan berbahagialah orang yang percaya
kepada Tuhan.
- ²¹ Orang yang bijak hati disebut orang
berpengertian,
dan bicara manis meningkatkan
pembelajaran.
- ²² Akal budi itu mata air kehidupan bagi dia
yang memilikinya,
tetapi orang bodoh terseksa oleh
kebodohnya.
- ²³ Hati orang bijaksana memimpin mulutnya
menjadi bijaksana,
dan menjadikan ucapan bibirnya lebih
meyakinkan.
- ²⁴ Kata-kata yang menyenangkan seperti sarang
lebah madu,
manis bagi jiwa dan menyembuhkan tulang.
- ²⁵ Ada jalan yang dianggap orang sebagai lurus,
tetapi akhirnya menuju maut.
- ²⁶ Rasa lapar seorang pekerja mendorongnya
bekerja,
kerana perutnya terus mendesaknya.

- ²⁷ Orang yang tidak berguna mencungkil kejahatan,
dan di bibirnya bagaikan ada api yang menghanguskan.
- ²⁸ Orang yang suka memutarbalikkan sesuatu menimbulkan pertengkaran,
dan pemfitnah menceraikan sahabat yang karib.
- ²⁹ Orang yang suka kekerasan memujuk jirannya,
dan membawanya ke jalan yang tidak baik.
- ³⁰ Sesiapa yang sengaja mengenyitkan matanya merancang tipu muslihat,
dan orang yang menggigit bibirnya telah pun melakukan kejahatan.
- ³¹ Rambut yang beruban ialah mahkota yang mulia,
yang didapati pada jalan kebenaran.
- ³² Orang yang panjang sabar lebih baik daripada seorang kesateria,
dan orang yang menguasai dirinya lebih baik daripada dia yang merebut kota.
- ³³ Undi dicabut ke dalam pangkuan,
tetapi Tuhan sajalah yang menentukan setiap keputusannya.

17 ¹ Lebih baik sepotong roti kering dengan kesentosaan

- daripada jamuan makan serumah penuh dengan perbalahan.
- ² Hamba yang bijaksana akan menguasai si anak yang membuat malu, dan akan mendapat bahagian warisan sebagai salah seorang saudara anak itu.
- ³ Mangkuk pijar untuk perak dan relau untuk emas, tetapi Tuhan menguji hati.
- ⁴ Orang yang berbuat jahat mematuhi ucapan bibir yang jahat, dan si pembohong memasang telinga kepada lidah yang bertutur jahat.
- ⁵ Siapa mengolok-olokkan orang miskin, mencela Penciptanya, dan sesiapa yang gembira kerana sesuatu bencana, tidak terlepas daripada hukuman.
- ⁶ Anak cucu mahkota bagi kalangan tua-tua, dan kemuliaan anak-anak adalah leluhur mereka.
- ⁷ Bicara yang indah tidak patut bagi orang yang betul bendul, apatah lagi bicara dusta bagi orang yang mulia.
- ⁸ Kepada pemberinya, rasuah itu bagaikan permata yang indah,

ke mana-mana pun dia berpaling, dia beruntung jua.

- ⁹ Sesiapa yang menutupi pelanggaran orang mengejar kasih, tetapi orang yang mengungkit-ungkit sesuatu hal menceraikan sahabat yang karib.
- ¹⁰ Kesan sebuah herdikan lebih mendalam bagi orang yang berpengertian melebihi seratus pukulan atas orang yang bebal.
- ¹¹ Orang yang jahat memberontak hanya mencari kedurjanaan, maka utusan yang bengis akan dikirim kepadanya.
- ¹² Lebih baik bertemu dengan beruang yang kehilangan anak, daripada bertemu dengan orang yang betul bendul dengan kebodohnya.
- ¹³ Bagi sesiapa yang membalas kebaikan dengan kejahatan, kejahatan tidak akan meninggalkan rumahnya.
- ¹⁴ Permulaan pertengkaran adalah seperti membuka aliran air, sebab itu berhentilah sebelum perbalahan meledak.
- ¹⁵ Membebaskan orang yang mungkar dan menyalahkan orang warak,

- kedua-duanya adalah kekejian bagi Tuhan.
- ¹⁶ Apa gunanya wang di tangan orang bodoh,
kerana dia tidak berniat untuk mendapat hikmah?
- ¹⁷ Seorang sahabat menaruh kasih setiap waktu,
dan seorang saudara lahir untuk masa menghadapi kesukaran.
- ¹⁸ Orang yang tidak berakal budi membuat perjanjian menaja jamin,
dan menjadi penjamin bagi jirannya.
- ¹⁹ Orang yang menyukai pelanggaran suka juga kepada pertengkaran,
dan orang yang meninggikan pintunya menempah kehancuran.
- ²⁰ Orang yang bengkok hatinya tidak akan mendapat kebajikan,
dan orang yang lidahnya berdolak-dalik akan jatuh ke dalam bencana.
- ²¹ Sesiapa yang mendapat anak yang bebal,
mendapat duka,
dan ayah kepada si tolol tidak akan bersukacita.
- ²² Hati yang gembira adalah ubat yang baik,
tetapi semangat yang patah mengeringkan tulang.
- ²³ Orang durjana menerima rasuah secara sembunyi-sembunyi

untuk menyelewengkan jalan keadilan.

²⁴ Hikmah ada di hadapan orang yang berpengertian, tetapi mata orang bodoh melayang sampai ke hujung bumi.

²⁵ Anak yang bodoh mendukakan ayahnya, dan memahitkan hati ibu yang melahirkannya.

²⁶ Tidaklah baik menghukum orang benar, atau menyesah orang yang mulia kerana ketulusannya.

²⁷ Orang yang berpengetahuan mengawal kata-katanya, dan orang yang berpengertian tenang jiwanya.

²⁸ Orang bodoh pun disangka arif jika dia berdiam diri, dan disangka cerdas jika dia mengatupkan bibirnya.

18 ¹ Orang yang mengasingkan diri mencari keinginannya sendiri; betapa kukuh pun pertimbangan dipertikaikannya.

² Orang bebal tidak suka kepada pengertian, dia hanya ingin mencurahkan isi hatinya.

³ Kedurjanaan turut diiringi penghinaan, berserta dengan aib dan celaan.

⁴ Kata-kata mulut orang seperti air yang dalam,

tetapi sumber hikmah seperti aliran air yang memancar.

⁵ Tidaklah baik memihak kepada orang durjana dan mengetepikan hak orang benar dalam pengadilan.

⁶ Bibir orang bodoh menerbitkan persengketaan, dan mulutnya berseru-seru meminta tamparan.

⁷ Mulut orang bodoh punca kehancurannya, dan bibirnya menjadi jerat bagi jiwanya.

⁸ Kata-kata pemfitnah seperti makanan lazat, semuanya turun jauh ke dalam lubuk hati orang.

⁹ Orang yang malas dalam pekerjaannya memanglah saudara kepada si perosak.

¹⁰ Nama Tuhan ialah menara yang kukuh, orang benar lari ke sana dan mendapat keselamatan.

¹¹ Harta kekayaan ialah benteng bagi orang kaya, dan seperti tembok yang tinggi menurut sangkaannya.

¹² Kesombongan mendahului kehancuran, tetapi kerendahan hati mendahului kehormatan.

¹³ Sesiapa yang memberikan jawapan sebelum mendengar,

- itulah kebodohan dan kecelaan baginya.
- ¹⁴ Semangat menguatkan seseorang dalam kesakitan,
tetapi jika patah semangatnya, siapalah yang dapat bertahan?
- ¹⁵ Hati orang yang berpengertian memperoleh pengetahuan,
dan telinga si bijaksana mencari pengetahuan.
- ¹⁶ Pemberian seseorang memberikan tempat yang luas baginya,
dan membawanya ke hadapan orang besar.
- ¹⁷ Orang yang mula-mula mengadukan perkaranya tampak benar,
sehingga kemudian datang orang lain mengujinya.
- ¹⁸ Cabutan undi menghentikan pertengkaran,
dan meleraikan pihak yang sama-sama kuat.
- ¹⁹ Saudara yang dikhianati lebih sulit didekati daripada kota benteng,
dan pertengkaran seumpama palang-palang pintu sebuah puri.
- ²⁰ Daripada buah mulutnya seseorang dikenyangkan,
dan puaslah dia dengan hasil pengucapan lidahnya.
- ²¹ Hidup dan mati ada dalam kuasa lidah,

orang yang menyukainya akan memakan buahnya.

²² Sesiapa yang mendapat isteri, mendapat sesuatu yang baik; serta memperoleh keredaan Tuhan.

²³ Orang miskin memohon dan merayu, tetapi orang kaya menjawab dengan kasar.

²⁴ Orang yang ramai sangat temannya boleh membinasakan dirinya, tetapi ada sahabat yang lebih karib daripada saudara sendiri.

19 ¹ Lebih baik orang miskin yang hidup dalam keikhlasan daripada orang bodoh yang kata-katanya penuh tipuan.

² Bersemangat pun tidak baik jika tanpa pengetahuan, dan orang yang terburu-buru melangkah akan tersesat.

³ Kebodohan seseorang menyesatkan jalannya, lalu hatinya gusar terhadap Tuhan.

⁴ Kekayaan akan memperbanyak sahabat, tetapi orang miskin ditinggalkan oleh kawannya.

⁵ Saksi dusta tidak akan terlepas daripada hukuman, dan orang yang berbohong tidak akan terselamat.

- ⁶ Ramai orang yang meminta belas kasihan daripada orang yang pemurah, dan setiap orang hendak bersahabat dengan si pemberi hadiah.
- ⁷ Orang miskin dibenci oleh semua saudaranya, apatah lagi para sahabatnya; mereka menjauhkan diri daripadanya. Dia mengejar sambil memohon, tetapi mereka tidak ada lagi.
- ⁸ Sesiapa memperoleh hikmah, mengasihi jiwanya sendiri, dan orang yang berpegang teguh pada pengertian akan memperoleh kebajikan.
- ⁹ Seorang saksi dusta tidak akan terlepas daripada hukuman, dan orang yang berbohong akan binasa.
- ¹⁰ Memang kemewahan tidak sesuai bagi orang bodoh, Lebih tidak sesuai lagi seorang hamba memerintah pembesar.
- ¹¹ Kebijaksanaan seseorang menjadikannya panjang sabar, dan kemuliaannya adalah mengampunkan pelanggaran.
- ¹² Murka raja laksana ngauman seekor singa, tetapi kebaikannya ibarat embun di atas rumput.

- 13 Anak yang bodoh membawa bencana bagi ayahnya,
dan isteri yang suka berbantah ibarat air yang terus menitik.
- 14 Rumah dan harta warisan nenek moyang, tetapi isteri yang bijaksana kurnia Tuhan.
- 15 Kemalasan membawa tidur lelap, dan orang yang menganggur akan kelaparan.
- 16 Sesiapa yang mentaati perintah memelihara jiwanya,
tetapi orang yang cuai, jalannya akan mati.
- 17 Sesiapa mengasihani orang miskin memberikan pinjaman kepada Tuhan, dan Dia akan membalas jasa baiknya itu.
- 18 Selagi ada harapan, didiklah anakmu agar bertatatertib,
tetapi janganlah engkau menghendaki kematiannya.
- 19 Orang yang cepat marah akan menanggung hukuman,
jika engkau menolongnya, perlulah engkau berulang kali berbuat begitu.
- 20 Dengarlah nasihat dan terimalah didikan, supaya pada akhirnya engkau menjadi bijaksana.
- 21 Ada banyak rancangan dalam hati manusia, tetapi keputusan Tuhan sajalah yang terlaksana.

- ²² Apa yang diinginkan pada seseorang ialah kasih setianya;
lebih baik menjadi orang miskin daripada menjadi seorang pembohong.
- ²³ Takut kepada Tuhan membawa kepada kehidupan,
maka orang dapat bermalam dengan puas,
tidak terusik oleh kejahatan.
- ²⁴ Si pemalas mencelup tangannya ke dalam pinggan,
tetapi tidak membawanya semula ke mulutnya.
- ²⁵ Pukullah pencemuh, maka si betul bendul akan menjadi arif;
tegurlah orang yang berpengertian, maka dia akan memahami pengetahuan.
- ²⁶ Sesiapa yang merampas harta ayahnya dan mengusir ibunya
adalah anak yang memalukan dan tercela.
- ²⁷ Hai anakku, jika engkau berhenti mendengar didikan,
maka engkau terus menyimpang daripada kata-kata berisi pengetahuan.
- ²⁸ Saksi yang tidak berguna mencemuh keadilan,
dan mulut orang durjana menelan kejahatan.
- ²⁹ Hukuman tersedia bagi pencemuh,
dan sebatan bagi belakang orang bodoh.

- 20** ¹ Air anggur itu pencemuh, minuman keras itu membuat gaduh, sesiapa yang terperdaya olehnya sememangnya tidak bijaksana.
- ² Murka raja laksana ngauman sang singa, sesiapa membangkitkan amarahnya, kehilangan nyawanya.
- ³ Terhormatlah orang yang menjauhi persengketaan, tetapi setiap orang yang bodoh suka berbantah.
- ⁴ Pada musim dingin si pemalas enggan membajak kerana kesejukan. Maka dia mencari hasil pada musim menuai dan tidak mendapat apa-apa.
- ⁵ Niat yang terkandung dalam hati manusia seumpama air yang dalam, tetapi orang yang berpengertian dapat menyelaminya.
- ⁶ Ramailah orang mencanangkan fasal kesetiaan mereka, tetapi siapakah yang dapat menemui orang yang betul-betul setia?
- ⁷ Orang benar yang hidup dalam keikhlasan, begitu berbahagia sekali keturunannya!
- ⁸ Raja yang duduk di atas kerusi pengadilan, menyingkirkan segala kejahatan dengan matanya.

- ⁹ Siapa dapat berkata, “Aku telah menyucikan hatiku,
dan aku tahir daripada dosaku”?
- ¹⁰ Batu timbangan dan sukatan yang berbeza-beza,
kedua-duanya kekejian bagi Tuhan.
- ¹¹ Kanak-kanak pun dapat dikenal melalui perbuatannya,
sama ada kelakuannya bersih dan jujur ataupun tidak.
- ¹² Telinga yang mendengar dan mata yang melihat,
kedua-duanya dijadikan oleh Tuhan.
- ¹³ Janganlah suka tidur, supaya engkau tidak menjadi miskin,
bukalah matamu, maka engkau akan berlebihan makanan.
- ¹⁴ Kata si pembeli, “Tidak baik! Tidak baik!”
tetapi setelah pergi berbanggalah dia.
- ¹⁵ Ada emas dan banyak batu permata,
tetapi bibir yang berpengetahuan ialah permata yang paling bernilai.
- ¹⁶ Jika seseorang menjadi penjamin bagi orang lain,
ambillah pakaiannya,
dan tahanlah dia sebagai jaminan ganti orang asing.
- ¹⁷ Roti hasil tipu daya sedap rasanya bagi seseorang,

tetapi kemudian mulutnya penuh dengan batu kerikil.

- ¹⁸ Rancangan terlaksana dengan adanya nasihat;
dan berperanglah dengan pimpinan yang ampuh.
- ¹⁹ Seseorang yang ke sana ke mari sebagai pemfitnah membuka rahsia,
maka janganlah bersekongkol dengan orang yang bocor mulut.
- ²⁰ Sesiapa yang mengutuk ayahnya atau ibunya,
pelitanya akan dipadamkan ketika gelap gelita.
- ²¹ Harta warisan yang mula-mulanya diperoleh dengan segera,
akhirnya tidak diberkati.
- ²² Jangan berkata, "Aku hendak membalas kejahatan!"
Nantikanlah Tuhan, maka Dia akan menyelamatkanmu.
- ²³ Batu timbangan yang berbeza-beza adalah kekejian bagi Tuhan,
dan neraca tipuan tidaklah baik.
- ²⁴ Langkah-langkah manusia ditentukan oleh Tuhan.
Maka bagaimana manusia dapat mengerti jalannya sendiri?

- ²⁵ Terjeratlah seseorang yang terburu-buru mengatakan sesuatu itu “Suci,” dan hanya memikirkannya semula setelah dia bernazar.
- ²⁶ Raja yang bijak menyingkirkan orang durjana, lalu mengirik mereka secara berulang-ulang.
- ²⁷ Roh manusia seumpama pelita Tuhan, yang menyelami seluruh sanubarinya.
- ²⁸ Kasih kurnia dan kesetiaan melindungi raja, belas kasihan pula menopang takhtanya.
- ²⁹ Kemuliaan orang muda adalah kekuatannya, dan kehormatan tua-tua ialah uban mereka.
- ³⁰ Bilur-bilur luka mengumbah kejahatan, dan pukulan pula membersihkan sanubari.

21 ¹ Hati raja seumpama anak sungai di dalam tangan Tuhan, dialirkan-Nya ke mana sahaja Dia kehendaki.

- ² Setiap jalan orang lurus menurut pandangannya sendiri, tetapi Tuhan sajalah yang menimbang hati.
- ³ Melakukan yang benar dan adil lebih disukai Tuhan daripada korban sembelihan.
- ⁴ Mata yang sombong dan hati yang bongkak, iaitu pelita orang durjana, adalah dosa.
- ⁵ Rancangan orang rajin hanya mendatangkan keuntungan, tetapi setiap orang yang terburu-buru hanya akan berkekurangan.

- ⁶ Harta yang diperoleh dengan lidah dusta seperti wap yang lenyap bagi orang yang mengejar maut.
- ⁷ Keganasan orang durjana menyeret mereka sendiri, kerana mereka enggan melakukan keadilan.
- ⁸ Jalan orang yang bersalah bengkok-bengkok, tetapi langkah orang yang ikhlas adalah lurus.
- ⁹ Lebih baik tinggal di sudut bumbung rumah daripada serumah dengan isteri yang suka bertengkar.
- ¹⁰ Hati orang durjana menginginkan kejahatan, tidak ada belas kasihan di matanya bagi jirannya.
- ¹¹ Jika pencemuh dihukum, si betul bendul menjadi bijaksana, dan jika orang bijaksana diajar, dia memperoleh pengetahuan.
- ¹² Yang Maha Benar memperhatikan rumah orang durjana, lalu menjatuhkan orang durjana itu ke dalam kehancuran.
- ¹³ Sesiapa menutup telinganya terhadap jeritan orang miskin, tidak akan dijawab ketika dia sendiri berseru-seru.

- 14 Pemberian secara diam-diam memadamkan amarah,
rasuah secara bersembunyi-sembunyi meredakan murka besar.
- 15 Melakukan keadilan adalah kesukaan bagi orang benar,
tetapi menakutkan bagi orang yang berbuat jahat.
- 16 Orang yang menyimpang dari jalan kebijaksanaan,
akan tinggal di perhimpunan para arwah.
- 17 Orang yang suka bersenang-senang akan menjadi si miskin,
dan sesiapa menyukai air anggur serta minyak, tidak akan kaya.
- 18 Orang durjana menjadi tebusan bagi orang benar,
dan pengkhianat bagi orang yang lurus hati.
- 19 Lebih baik tinggal di gurun daripada bersama isteri yang suka bertengkar dan pemaarah.
- 20 Ada harta yang berharga dan minyak di dalam rumah orang bijaksana,
tetapi orang bodoh memboroskan hartanya.
- 21 Sesiapa mengejar perbenaran^s dan kasih

^s21:21 Perbenaran: Juga membawa maksud “keadilan.”

- akan menemukan kehidupan, kebenaran,
dan kehormatan.
- ²² Orang bijaksana dapat menyerang kota para
kesateria perkasa,
dan merobohkan benteng-benteng yang
diharapkan mereka.
- ²³ Sesiapa menjaga mulut dan lidahnya,
menjaga jiwanya daripada malapetaka.
- ²⁴ Orang yang angkuh dan sombong itu
“pencemuh” namanya;
dia bertindak amat biadab dan sangat
angkuh!
- ²⁵ Keinginan si pemalas membunuh dirinya,
kerana tangannya enggan bekerja.
- ²⁶ Sepanjang hari dia terus menginginkan
sesuatu,
tetapi orang benar terus memberi tanpa
menahan dirinya.
- ²⁷ Korban sembelihan orang durjana adalah
kekejian,
apatah lagi jika dipersembahkan dengan niat
jahat.
- ²⁸ Saksi dusta akan binasa,
tetapi orang yang taat dan patuh akan terus
berbicara.
- ²⁹ Orang yang durjana menebalkan mukanya,
tetapi orang yang lurus hati mengatur
jalannya.

³⁰ Tidak ada kebijaksanaan, tidak ada pengertian,
dan tidak ada pertimbangan yang dapat melawan Tuhan.

³¹ Kuda diperlengkap untuk hari peperangan, tetapi kemenangan berasal daripada Tuhan.

22 ¹ Nama baik patut lebih didambakan daripada banyak harta,
dihargai orang lebih baik daripada perak dan emas.

² Orang kaya dan orang miskin mempunyai kesamaan:
Tuhan yang menjadikan mereka semua.

³ Orang yang bijaksana melihat bahaya lalu bersembunyi,
tetapi orang betul bendul berjalan terus lalu menderita akibatnya.

⁴ Ganjaran atas sifat rendah hati dan takut kepada Tuhan
ialah kekayaan, kehormatan, dan kehidupan.

⁵ Duri dan jerat ada di jalan orang yang menyeleweng,
tetapi sesiapa yang memelihara nyawanya, menjauhi semua itu.

⁶ Didiklah seorang anak di jalan yang patut dilaluinya,
maka pada masa tuanya pun dia tidak menyimpang dari laluan itu.

- ⁷ Orang kaya menguasai orang miskin,
dan si penghutang menjadi hamba kepada si
pemiutang.
- ⁸ Sesiapa yang menyemai kezaliman akan
menuai kesia-siaan,
dan rotan amarahnya akan binasa.
- ⁹ Orang yang murah hati akan diberkati,
kerana dia berkongsi makanannya dengan
orang miskin.
- ¹⁰ Usirlah si pencemuh, maka pertenggaran
turut pergi,
dan berakhirlah pertikaian serta kutukan.
- ¹¹ Sesiapa yang menyukai kesucian hati
dan santun bicaranya akan menjadi sahabat
raja.
- ¹² Mata Tuhan memelihara pengetahuan,
tetapi Dia memusnahkan kata-kata si
pengkhianat.
- ¹³ Kata si pemalas, "Ada singa di luar!
Aku akan dibunuhnya di tengah-tengah
jalan."
- ¹⁴ Mulut si perempuan pezina sebuah jebak
yang dalam;
orang yang dimurkai Tuhan akan jatuh ke
dalamnya.
- ¹⁵ Kebodohan melekat dalam hati anak-anak,
tetapi rotan didikan akan mengenyahkannya
daripada mereka.

- ¹⁶ Sesiapa menindas orang miskin untuk memperkaya diri atau memberikan hadiah kepada orang kaya, hanya akan menderita kemiskinan.

Pepatah-pepatah orang bijak

- ¹⁷ Pasanglah telingamu dan dengarlah kata-kata orang bijaksana; perhatikan pengetahuanku!
- ¹⁸ Kerana akan menyenangkan jika itu engkau memegang teguh dalam hatimu, dan jika semua itu tersedia pada bibirmu.
- ¹⁹ Supaya kepercayaanmu sepenuhnya kepada Tuhan, maka aku memberitahukan kepadamu pada hari ini, ya kepadamu.
- ²⁰ Bukankah aku telah menuliskan kepadamu tiga puluh pepatah, iaitu nasihat serta pengetahuan,
- ²¹ untuk mengajar kamu kata-kata yang benar dan dapat dipegang, sehingga engkau dapat memberikan jawapan yang tepat kepada orang yang menyuruhmu?
- ²² Jangan rompak orang miskin kerana dia tidak berdaya, dan jangan hancurkan orang yang tertindas di sidang pengadilan,

- ²³ kerana Tuhan akan membela perkara mereka,
lalu merampas orang yang merampasi
mereka.
- ²⁴ Jangan bersahabat dengan pemaarah,
atau bergaul dengan orang yang panas
baran,
- ²⁵ supaya jangan engkau meniru tingkah
lakunya
lalu jiwamu terjerat.
- ²⁶ Jangan menjadi orang yang menaja jamin,
yang menjadi penjamin bagi hutang orang
lain.
- ²⁷ Jika engkau tidak mempunyai apa-apa pun
untuk membayarnya,
mengapa tempat tidurmu harus diambil
daripadamu?
- ²⁸ Jangan pindahkan batas tanah lama
yang ditetapkan oleh para leluhurmumu.
- ²⁹ Adakah engkau memperhatikan orang yang
mahir dalam pekerjaannya?
Dia akan menghadap raja-raja, bukan berdiri
di hadapan orang bawahan.

23 ¹ Apabila engkau duduk makan dengan
seorang penguasa,
perhatikanlah baik-baik apa yang ada di
hadapanmu.

- ² Tempatkanlah pisau pada lehermu,
jika engkau seorang yang rakus.

- ³ Jangan ingini makanannya yang sedap,
kerana makanan itu tipuan.
- ⁴ Jangan bersusah payah untuk menjadi kaya,
jadilah bijaksana dan batalkan niat
sedemikian.
- ⁵ Jika kaupandang sekilas, kekayaan itu lenyap,
kerana pasti akan bersayap
lalu terbang ke langit seperti rajawali.
- ⁶ Jangan makan roti orang yang kikir,
dan jangan ingini makanannya yang
sedap-sedap,
- ⁷ kerana dia seperti orang yang selalu
menghitung-hitung dalam hati.
Katanya kepadamu, “Makanlah dan
minumlah,”
tetapi hatinya tidak tulus terhadapmu.
- ⁸ Sepotong yang telah kaumakan akan
kaumuntahkan,
dan sia-sia sahaja kata pujianmu yang manis
itu.
- ⁹ Jangan berkata-kata di telinga orang bodoh,
kerana dia akan menghina kata-katamu yang
bijaksana.
- ¹⁰ Jangan pindahkan batas tanah lama,
dan jangan masuki ladang anak-anak yatim,
- ¹¹ kerana Penebus mereka kuat,
dan Dia akan membela perkara mereka
melawanmu.

- 12 Arahkanlah hatimu kepada didikan,
dan telingamu kepada kata-kata
pengetahuan.
- 13 Jangan enggan menertibkan anakmu,
walaupun engkau memukulnya dengan
rotan, dia tidak akan mati.
- 14 Engkau memukul dia dengan rotan,
dan rohnya engkau selamatkan daripada
alam barzakh.
- 15 Hai anakku, jika hatimu bijaksana,
hatiku juga gembira.
- 16 Batinku pun bersuka ria
ketika bibirmu berkata perkara benar.
- 17 Janganlah hatimu menaruh hasad dengki
terhadap orang yang berdosa,
tetapi takutlah kepada Tuhan selalu,
- 18 kerana sesungguhnya ada masa depan,
dan pengharapanmu tidak akan putus.
- 19 Dengarlah, hai anakku, dan jadilah bijaksana,
tunjukkanlah hatimu ke jalan yang benar.
- 20 Jangan berada bersama-sama pemabuk
atau orang yang rakus makan daging,
- 21 kerana peminum dan orang yang rakus
menjadi miskin,
dan rasa mengantuk membuat orang
berpakaian compang-camping.
- 22 Dengarlah ayahmu, dia yang berolehmu,

- dan janganlah menghina ibumu pada masa tuanya.
- ²³ Belilah kebenaran dan jangan menjualnya, peroleh juga kebijaksanaan, didikan, dan pengertian.
- ²⁴ Ayah orang benar akan sangat gembira. Orang yang memiliki anak bijaksana akan bersukacita kerananya.
- ²⁵ Biarlah ayah dan ibumu bersukacita, dan biarlah dia yang melahirkanmu bersukacita.
- ²⁶ Hai anakku, berikanlah hatimu kepadaku, dan biarlah matamu menyukai jalan-jalanku.
- ²⁷ Kerana mulut perempuan lucah adalah lubang yang dalam, dan perempuan pezina ialah sumur yang sempit.
- ²⁸ Bahkan dia menunggu seperti penyamun, dan menambah jumlah pengkhianat dalam kalangan manusia.
- ²⁹ Siapa sengsara? Siapa menderita? Siapa berbantah-bantah? Siapa yang mengeluh? Siapa luka tanpa sebab? Siapa yang merah matanya?
- ³⁰ Mereka yang berlengah-lengah dengan air anggur, dan yang pergi mencari air anggur campuran.

- ³¹ Jangan lirik air anggur ketika merah warnanya,
meskipun berkilau-kilauan di dalam gelas,
dan akan dengan lancar mengalir masuk.
- ³² Pada akhirnya air anggur itu memagut seperti ular,
dan menyemburkan racun seperti ular berbisa.
- ³³ Matamu akan melihat hal-hal yang aneh,
dan fikiranmu mengutarakan hal-hal yang kacau.
- ³⁴ Engkau akan seperti orang yang berbaring di tengah laut,
seperti orang yang berbaring di puncak tiang kapal.
- ³⁵ Engkau akan berkata, “Orang memukulku, tetapi aku tidak kesakitan,
orang memalu aku, tetapi aku tidak merasakannya.

Bila aku akan bangun?

Aku akan mencari air anggur lagi.”

- 24** ¹ Jangan iri hati terhadap orang yang jahat,
dan jangan ingin bergaul dengan mereka,
² kerana hati mereka memikirkan keganasan,
dan bibir mereka membicarakan kejahatan.
- ³ Dengan hikmah rumah dibina,
dan dengan pengertian dikukuhkan.

- ⁴ Dengan pengetahuan bilik-bilik dipenuhi dengan segala harta yang berharga dan indah.
- ⁵ Orang bijaksana memiliki kuasa, dan orang yang berpengetahuan memantapkan kekuatan.
- ⁶ Kerana dengan bimbingan engkau dapat berperang, dan jika banyak penasihat, ada kemenangan.
- ⁷ Hikmah terlalu tinggi bagi orang bodoh, tidak berani dia membuka mulutnya di sidang pengadilan.
- ⁸ Sesiapa merancang kejahatan akan disebut dalang.
- ⁹ Rancangan yang bodoh adalah dosa, dan pencemuh adalah kekejian bagi manusia.
- ¹⁰ Jika semangatmu lemah pada masa kesesakan, kecillah kekuatanmu.
- ¹¹ Lepaskanlah mereka yang ditawan untuk dibunuh, dan tahanlah mereka yang terhuyung-huyung menuju pembantaian.
- ¹² Jika engkau berkata, "Sungguh, kami tidak tahu hal itu!"
Bukankah Dia, yang menguji hati, memahaminya?

Bukankah Dia, yang memelihara nyawamu,
mengetahuinya?

Bukankah Dia akan membalas setiap orang
menurut perbuatannya?

¹³ Hai anakku, makanlah madu, kerana itu baik,
dan titisan madu manis dari sarang lebah
manis untuk dikecapi.

¹⁴ Ketahuilah bahawa demikianlah hikmah bagi
jiwamu:

jika engkau mendapatkannya, maka ada
masa depan,

dan harapanmu tidak akan lenyap.

¹⁵ Jangan membidik kediaman orang benar
seperti orang durjana,
jangan rosakkan tempat tinggalnya.

¹⁶ Walaupun orang benar jatuh tujuh kali, dia
akan bangkit lagi,
tetapi orang durjana dimusnahkan oleh
malapetaka.

¹⁷ Jangan bersuka ria ketika musuhmu jatuh,
dan janganlah hatimu gembira ketika dia
tersandung,

¹⁸ supaya jangan Tuhan melihat hal itu dan
berasa tidak senang,
sehingga Dia memalingkan murka-Nya
daripada orang itu.

¹⁹ Jangan sebal hati kerana orang yang berbuat
jahat,

- dan jangan iri hati terhadap orang yang
durjana,
20 kerana tidak ada masa depan bagi orang
yang jahat,
dan pelita orang yang durjana akan padam.
21 Hai anakku, takutlah kepada Tuhan dan raja,
dan jangan bergabung dengan para
pemberontak,
22 kerana kedua-duanya dapat menimbulkan
bencana dengan tiba-tiba,
dan siapa yang tahu kemalangan apa yang
datang daripada kedua-duanya?
23 Ini juga pepatah-pepatah orang bijaksana:
Tidaklah baik bersikap berat sebelah dalam
pengadilan.
24 Sesiapa yang berkata kepada orang durjana,
“Engkau benar,”
dia akan dikutuk oleh umat dan disumpah
oleh suku-suku bangsa.
25 Tetapi sesiapa menegur orang durjana itu
akan disukai,
dan berkat melimpah akan datang ke
atasnya.
26 Sesiapa memberikan jawapan yang tepat,
seperti memberikan ciuman di bibir.
27 Aturlah pekerjaanmu di luar,
siapkanlah ladangmu,
kemudian baru bina rumahmu.

- 28 Janganlah menjadi saksi terhadap jiranmu
tanpa alasan,
atau memperdaya dengan bibirmu.
- 29 Jangan berkata, “Sebagaimana dia berbuat
atasku, akan kubalas setimpal atasnya
juga.
Aku membalas orang selaras dengan
perbuatannya.”
- 30 Aku lalu di ladang seorang pemalas,
serta berdekatan kebun anggur seorang yang
kurang akal.
- 31 Lihatlah, duri tumbuh di seluruh tempat itu,
permukaan tanahnya diliputi jelatang,
dan pagar batunya telah roboh.
- 32 Aku memandangnya dan merenungkan hal
itu;
aku melihatnya lalu mengambil iktibar.
- 33 “Tidur sebentar, mengantuk sebentar,
lipat tangan sebentar untuk berbaring.”
- 34 Maka kemiskinan mendatangimu seperti
pencuri,
dan kesempitan seperti orang bersenjata.

Amsal Salomo

25 ¹ Ini juga amsal Salomo yang disalin oleh
para pegawai Hizkia, raja Yehuda:

- ² Kemuliaan Tuhan adalah merahsiakan suatu perkara,
tetapi kemuliaan para raja adalah menyelidiki suatu perkara.
- ³ Seperti tingginya langit dan dalamnya bumi,
demikianlah hati para raja tidak dapat diselidiki.
- ⁴ Singkirkanlah tahi leburan daripada perak,
maka terhasillah barang yang indah oleh tukang perak.
- ⁵ Singkirkanlah orang durjana dari hadapan raja,
maka takhtanya akan kukuh dalam perbenaran.^t
- ⁶ Jangan membesarkan diri di hadapan raja,
dan jangan berdiri di tempat para dif terulung,
- ⁷ kerana lebih baik orang berkata kepadamu,
“Naiklah ke mari,”
daripada engkau direndahkan di hadapan orang mulia yang matamu telah lihat sendiri.
- ⁸ Janganlah terburu-buru membawa hal ke pengadilan,

^t25:5 Perbenaran: Juga merangkumi maksud “keadilan.”

25:6: Luk 14:8-10.

kerana apakah yang dapat kaulakukan pada akhirnya

jika lawanmu mengaibkan kamu?

⁹ Bicarakanlah perkaramu dengan jiranmu, tetapi jangan buka rahsia orang lain,

¹⁰ supaya engkau tidak dicela oleh orang yang mendengar,

dan nama kamu buruk selama-lamanya.

¹¹ Seperti buah epal emas bertata perak, demikianlah kata-kata yang diucapkan tepat pada waktunya.

¹² Seperti anting-anting emas dan perhiasan emas,

demikianlah teguran yang bijaksana bagi telinga yang mendengarnya.

¹³ Seperti sejuk salji pada musim menuai, demikianlah duta yang setia bagi orang yang mengutusny;

dia menyegarkan hati tuannya.

¹⁴ Seperti awan dan angin yang tidak ada hujan, demikianlah orang yang bercakap besar fasal hadiah yang tidak pernah diberikannya.

¹⁵ Dengan kesabaran seorang penguasa pun dapat diyakinkan, dan lidah yang lembut dapat mematahkan tulang.

¹⁶ Kalau engkau mendapat madu, makanlah secukupnya.

- Jangan sampai terlalu kenyang lalu muntah.
17 Janganlah sering pergi ke rumah jiranmu,
supaya jangan dia jemu lalu membencimu.
18 Seperti belantan, pedang, atau anak panah
yang tajam,
demikianlah orang yang bersaksi dusta atas
jirannya.
19 Seperti gigi yang patah dan kaki yang
tergeliat,
demikianlah kepercayaan kepada
pengkhianat pada masa kesesakan.
20 Seperti orang yang menanggalkan pakaian
pada hari dingin
dan seperti cuka pada garam abu,
demikianlah orang yang bernyanyi untuk hati
yang berdukacita.
21 Jika musuhmu lapar, berilah dia makan,
dan jika dia dahaga, berilah dia minum,
22 kerana dengan berbuat demikian, kamu
menimbunkan bara api ke atas kepalanya,
dan Tuhan pun akan memberimu pahala.
23 Angin utara menghasilkan hujan,
dan lidah fitnah menghasilkan muka marah.
24 Lebih baik tinggal di sudut bumbung rumah
daripada serumah dengan isteri yang suka
bertengkar.

- ²⁵ Seperti air sejuk bagi jiwa yang lelah,
demikianlah khabar baik dari negeri yang
jauh.
- ²⁶ Seperti mata air yang kotor atau pancuran air
yang cemar,
demikianlah orang benar yang goyah di
hadapan orang durjana.
- ²⁷ Tidak baik makan madu banyak-banyak,
demikian juga tidak terhormat orang yang
mencari kehormatan diri.
- ²⁸ Seperti kota terbongkar yang tidak punya
tembok,
demikianlah orang yang tidak mengawal
dirinya.

26 ¹ Seperti salji pada musim kemarau dan
hujan pada musim menuai,
demikianlah kehormatan tidak patut bagi
orang bodoh.

- ² Seperti tangkasnya terbang burung pipit dan
mengapungnya burung layang-layang,
demikianlah kutukan tanpa alasan tidak akan
hinggap pada sasarannya.
- ³ Cemeti bagi kuda, kekang bagi keldai,
dan rotan bagi belakang si orang bodoh.
- ⁴ Jangan menjawab orang bodoh menurut
kebodohnya,
supaya jangan engkau sendiri menjadi sama
dengannya.

- ⁵ Jawablah orang bodoh sepadan dengan kebodohnya, supaya jangan dia menganggap dirinya bijaksana.
- ⁶ Seperti memotong kaki sendiri dan menghirup kekerasan, demikianlah orang yang mengirim pesan melalui tangan si bodoh.
- ⁷ Seperti kaki orang tempang yang terkulai, demikianlah pepatah di mulut orang bodoh.
- ⁸ Seperti orang mengikat batu pada tarbil, demikianlah orang yang memberi hormat kepada orang bodoh.
- ⁹ Seperti duri menusuk tangan pemabuk, demikianlah pepatah di mulut orang bodoh.
- ¹⁰ Seperti pemanah yang melukai setiap orang, demikianlah orang yang mengupah si bodoh atau sesiapa sahaja yang lalu-lalang.
- ¹¹ Seperti anjing menjilat muntahnya kembali, demikianlah orang bodoh yang mengulangi kebodohnya.
- ¹² Adakah engkau memperhatikan orang yang menganggap dirinya arif?
Orang yang bodoh ada lebih banyak harapan daripada dia.
- ¹³ Kata si pemalas, "Ada singa di jalan!"

Ada singa berkeliaran di tengah-tengah jalan!”

¹⁴ Seperti pintu berputar pada engselnya, demikianlah si pemalas di tempat tidurnya.

¹⁵ Si pemalas mencelup tangannya ke dalam pinggan, tetapi dia terlalu penat untuk membawanya semula ke mulutnya.

¹⁶ Si pemalas menganggap dirinya lebih bijak daripada tujuh orang yang dapat menjawab dengan bijaksana.

¹⁷ Seperti orang yang menangkap telinga anjing yang sedang lalu, demikianlah orang yang masuk campur perbalahan yang bukan urusannya.

¹⁸ Seperti orang gila menembakkan panah api, anak panah, dan maut,

¹⁹ demikianlah orang yang menipu jirannya lalu berkata, “Bukankah aku hanya bersenda gurau?”

²⁰ Kerana kayu habis, padamlah api, dan jika tidak ada pemfitnah, redalah pertengkaran.

²¹ Sebagaimana arang untuk bara dan kayu untuk api, demikianlah orang yang suka bertengkar mengapi-apikan pertikaian.

²² Kata-kata pemfitnah seperti makanan lezat,

semuanya turun jauh ke dalam lubuk hati orang.

²³ Seperti tembikar bersalut keladak perak, demikianlah bibir yang manis dengan hati yang jahat.

²⁴ Si pembenci berpura-pura dengan bibirnya, tetapi dalam hatinya ia menyimpan tipu daya.

²⁵ Meskipun bicaranya ramah, jangan percaya kepadanya, kerana tujuh kekejian ada dalam hatinya.

²⁶ Sekalipun kebenciannya ditutupi tipu daya, kejahatannya akan nyata dalam jemaah.

²⁷ Sesiapa menggali lubang akan terperosok ke dalamnya, dan batu yang digulingkan orang akan kembali menimpa dirinya.

²⁸ Lidah dusta membenci orang yang disakitinya, dan mulut yang penuh pujuk rayu membawa kehancuran.

27 ¹ Jangan bermegah tentang hari esok, kerana engkau tidak tahu apa yang akan terjadi pada hari itu.

² Biarlah orang lain memujimu, jangan mulutmu sendiri,

- bahkan orang yang tidak kaukenal, bukan
bibirmu sendiri.
- ³ Batu itu berat, begitu juga pasir,
tetapi hasutan orang bodoh lebih berat
daripada kedua-duanya.
- ⁴ Murka itu bengis, dan kemarahan seperti air
bah,
tetapi siapa dapat bertahan terhadap
cemburu?
- ⁵ Lebih baik teguran yang nyata
daripada kasih yang tersembunyi.
- ⁶ Pukulan seorang sahabat dapat diyakini baik,
tetapi ciuman seorang musuh menubikan
kelicikan.
- ⁷ Orang yang kenyang meluat akan indung
madu,
tetapi bagi orang lapar, semua yang pahit
terasa manis.
- ⁸ Seperti burung yang menyimpang jauh lalu
meninggalkan sarangnya,
demikianlah perantauan orang yang
meninggalkan tempat tinggalnya.
- ⁹ Minyak dan wangi-wangian menyenangkan
hati,
begitu jugalah keikhlasan nasihat seseorang
manis bagi sahabatnya.
- ¹⁰ Jangan tinggalkan sahabatmu atau sahabat
ayahmu,

dan jangan datangi rumah saudaramu pada waktu kemalanganmu; tetangga yang dekat lebih baik daripada saudara yang jauh.

¹¹ Hendaklah engkau bijaksana, hai anakku, dan sukakanlah hatiku supaya aku dapat menjawab kalangan yang mencelaku.

¹² Orang bijaksana melihat bahaya lalu bersembunyi, tetapi orang betul bendul berjalan terus lalu menderita akibatnya.

¹³ Jika seseorang menjadi penjamin bagi orang lain, ambillah pakaiannya, dan tahanlah dia jika dia menjadi penjamin bagi perempuan pezina.

¹⁴ Kata-kata berkat yang diucapkan bagi kawan dengan suara keras pada awal-awal pagi, akan dianggap sebagai kutukan.

¹⁵ Seperti titisan air pada waktu hujan, demikianlah isteri yang suka bertengkar;

¹⁶ sesiapa menahannya, menahan angin atau menggenggam minyak dengan tangan kanannya.

¹⁷ Besi menajamkan besi, demikian juga orang menajamkan sesamanya.

- 18 Sesiapa memelihara pokok ara, akan
memakan buahnya,
dan orang yang melindungi tuannya akan
dihormati.
- 19 Seperti air mencerminkan wajah,
demikianlah hati manusia mencerminkan
diri manusia itu.
- 20 Alam kubur dan tempat kebinasaan tidak
pernah puas,
demikian jugalah mata manusia tidak pernah
puas.
- 21 Mangkuk pijar untuk perak dan relau untuk
emas,
tetapi manusia diuji menurut pujian yang
diterimanya.
- 22 Sekalipun orang bodoh kautumbuk dalam
lesung
dengan alu bersama-sama gandum, tidak
akan hilang kebodohnya daripadanya.
- 23 Ketahuilah dengan baik keadaan haiwanmu
dan perhatikanlah kawanan ternakmu,
- 24 kerana harta benda tidaklah kekal,
begitu juga mahkota tidak tetap turun-
temurun.
- 25 Ketika rumput lama menghilang, rumput
muda terlihat,
dan tumbuh-tumbuhan gunung
dikumpulkan,

²⁶ maka domba-domba akan menyediakan pakaian bagimu dan kambing-kambing jantan akan menyediakan wang pembeli ladang.

²⁷ Akan cukup susu kambing untuk rezekimu, rezeki keluargamu, dan penghidupan para pelayan perempuanmu.

28 ¹ Orang durjana lari padahal tidak ada yang mengejarnya, tetapi orang benar berani seperti singa muda.

² Ketika sebuah negeri memberontak, akan ada ramai penguasanya, tetapi jika adanya seorang yang berpengertian dan berpengetahuan, maka negeri itu akan bertahan.

³ Orang miskin yang menindas orang miskin seumpama hujan lebat yang tidak membawa rezeki.

⁴ Orang yang mengabaikan Hukum Taurat memuji orang durjana, tetapi orang yang berpegang teguh pada Hukum Taurat menentang mereka.

⁵ Orang yang jahat tidak mengerti keadilan, tetapi orang yang mencari Tuhan mengerti segala sesuatu.

- ⁶ Lebih baik orang miskin yang hidup dalam keikhlasannya daripada orang kaya yang berliku-liku jalannya.
- ⁷ Anak yang memelihara Hukum Taurat mempunyai pengertian, tetapi sesiapa yang bergaul dengan orang rakus mengaibkan ayahnya.
- ⁸ Orang yang menambah kekayaannya dengan wang faedah dan riba, mengumpulkannya bagi orang yang mengasihani orang miskin.
- ⁹ Orang yang memalingkan telinganya supaya tidak mendengar Hukum Taurat, maka doanya pun adalah kekejian.
- ¹⁰ Sesiapa menyesatkan orang yang lurus hati di jalan yang jahat, akan jatuh dalam lubang jebaknya sendiri. Tetapi orang yang tidak bercela akan mewarisi kebajikan.
- ¹¹ Orang kaya menganggap dirinya bijaksana, tetapi orang miskin yang berpengertian mengenalinya.
- ¹² Ketika orang benar menang, ada kemuliaan besar, tetapi ketika orang durjana bangkit, orang menyembunyikan diri.

- 13 Orang yang menyembunyikan
pelanggarannya tidak akan beruntung,
tetapi sesiapa mengakui dan
meninggalkannya akan mendapat
rahmat.
- 14 Berbahagialah orang yang sentiasa takut
kepada Tuhan,
tetapi orang yang mengeraskan hati akan
terperosok ke dalam malapetaka.
- 15 Seperti singa yang mengaum dan beruang
yang menyerang,
demikianlah orang durjana yang menguasai
rakyat miskin.
- 16 Pemimpin yang kurang pengertian besar
penindasannya,
tetapi orang yang membenci laba haram
memanjangkan umurnya.
- 17 Orang yang berhutang darah kepada sesiapa
pun
akan jadi pelarian sampai ke liang lahat;
janganlah ada yang menolongnya.
- 18 Sesiapa yang hidup tidak tercela akan
diselamatkan,
tetapi orang yang jalannya berliku-liku akan
jatuh serta-merta.
- 19 Sesiapa mengusahakan tanahnya akan
kenyang dengan makanan,

- tetapi sesiapa mengejar hal yang hampa
akan kenyang dengan kemiskinan.
- ²⁰ Orang yang setia akan memperoleh banyak
berkat,
tetapi orang yang ingin cepat kaya tidak akan
lepas daripada hukuman.
- ²¹ Tidaklah baik bersikap berat sebelah;
kerana sekadar untuk sepotong roti orang
akan melakukan pelanggaran.
- ²² Orang yang kikir memburu kekayaan,
tidak tahu bahawa kemiskinan bakal
menimpanya.
- ²³ Sesiapa yang menegur seseorang akhirnya
akan lebih disayangi
daripada orang yang mengampu dengan
lidahnya.
- ²⁴ Sesiapa merampas harta ayahnya atau
ibunya
lalu berkata, "Itu bukan pelanggaran,"
sememangnya kawan kepada si perosak.
- ²⁵ Orang yang tamak membangkitkan
pertengkaran,
tetapi orang yang percaya kepada Tuhan
akan diberi kelimpahan.
- ²⁶ Bodohlah orang yang mempercayai hatinya
sendiri,
tetapi sesiapa yang hidup dengan hikmah
akan selamat.

²⁷ Orang yang memberi kepada orang miskin tidak akan berkekurangan, tetapi orang yang menutup matanya akan mendapat banyak kutukan.

²⁸ Ketika orang durjana bangkit, orang menyembunyikan diri, tetapi ketika mereka binasa, orang benar bertambah ramai.

29 ¹ Orang yang kerap kali ditegur tetapi tetap berdegil akan tiba-tiba binasa dan tidak dapat dipulihkan lagi.

² Ketika orang benar bertambah ramai, bersukacitalah rakyat, tetapi ketika orang durjana memerintah, mengeluhlah rakyat.

³ Sesiapa menyukai hikmah, menyukakan ayahnya, tetapi orang yang bergaul dengan pelacur memboroskan hartanya.

⁴ Raja menegakkan negeri dengan keadilan, tetapi orang yang menerima rasuah meruntuhkannya.

⁵ Orang yang mengampu jirannya membentangkan jaring bagi kakinya.

⁶ Orang yang jahat terjerat oleh pelanggaranannya,

tetapi orang benar bersorak-sorai dan bersukacita.

⁷ Orang benar prihatin fasal hak orang miskin, tetapi orang durjana tidak memahami hal sedemikian.

⁸ Para pencemuh membuat kota bergejolak, tetapi orang bijak menyurutkan amarah.

⁹ Jika orang bijaksana berperkara dengan orang bodoh,
orang bodoh itu marah dan mencemuh,
akibatnya tidak ada ketenangan.

¹⁰ Kalangan yang suka menumpahkan darah membenci orang yang tidak bersalah, dan mereka menginginkan nyawa orang yang tulus.

¹¹ Orang bodoh melampiaskan segala kemarahannya,
tetapi orang bijaksana menahan diri.

¹² Jika seorang penguasa mendengar kata-kata dusta,
maka semua pegawainya menjadi durjana.

¹³ Si miskin dan si penindas mempunyai persamaan:
Tuhan yang membuat mata kedua-duanya bersinar.

¹⁴ Jika raja mengadili orang miskin dengan adil,
maka takhta kerajaannya akan sentiasa kukuh.

- 15 Rotan dan teguran memberikan hikmah,
tetapi anak yang dibiarkan sahaja
mendatangkan malu bagi ibunya.
- 16 Ketika orang durjana bertambah ramai,
bertambah pulalah pelanggaran,
tetapi orang benar akan melihat kejatuhan
mereka.
- 17 Didiklah anakmu, maka dia akan memberikan
ketenteraman kepadamu,
dan menyukakan hatimu.
- 18 Tanpa hidayah, rakyat tidak terkendali,
tetapi berbahagialah orang yang berpegang
teguh pada Hukum Taurat.
- 19 Seorang hamba tidak dapat diajar dengan
kata-kata sahaja,
kerana sekalipun dia mengerti, dia tidak
mengendahkannya.
- 20 Adakah engkau memperhatikan orang yang
bercakap dengan terburu-buru?
Orang yang bodoh ada lebih banyak harapan
daripada dia.
- 21 Hamba yang dimanjakan sejak kecil
pada akhirnya tidak tahu berterima kasih.
- 22 Orang yang pemaarah membangkitkan
pertengkaran,
dan orang yang panas baran banyak
pelanggarannya.

- ²³ Keangkuhan seseorang akan merendahnya, tetapi orang yang rendah diri akan memperoleh kehormatan.
- ²⁴ Sesiapa bersekutu dengan pencuri, membenci jiwanya sendiri; dia mendengar sumpah, tetapi tidak mahu menyatakan apa-apa.
- ²⁵ Rasa takut terhadap manusia mendatangkan jerat, tetapi sesiapa percaya kepada Tuhan akan terselamat.
- ²⁶ Ramai orang mencari muka pada penguasa, tetapi orang mendapat keadilan daripada Tuhan.
- ²⁷ Orang yang tidak adil adalah kekejian bagi orang benar, dan orang yang lurus jalannya dipandang keji oleh orang durjana.

Pepatah-pepatah Agur anak Yake

30 ¹ Inilah kata-kata Agur anak Yake, dari Masa:

Berkatalah orang itu kepada Itiel, kepada Itiel dan Ukal,

- ² “Sesungguhnya, aku ini lebih bodoh daripada orang lain,

dan aku tidak mempunyai pengertian manusia.

³ Aku tidak mempelajari hikmah,
dan aku tidak mempunyai pengetahuan tentang Yang Maha Suci.”

⁴ Siapa naik ke langit dan turun?
Siapa mengumpulkan angin dalam genggamannya?

Siapa yang membungkus air di dalam jubahnya?

Siapa menetapkan segala hal hujung bumi?

Siapa namanya dan siapa nama anaknya?

Engkau pasti tahu!

⁵ Semua firman Allah teruji.

Dia perisai bagi mereka yang berlindung kepada-Nya.

⁶ Jangan tambahkan sesuatu pun kepada firman-Nya,

supaya jangan engkau ditegur-Nya dan terbukti pendusta.

⁷ Dua hal kupinta daripada-Mu,
janganlah Kautolak sebelum aku mati:

⁸ Jauhkanlah daripadaku kesia-siaan dan perkara dusta,

janganlah beri aku kemiskinan atau kekayaan,

berilah aku makanan secukupnya.

⁹ Jangan sampai aku kenyang lalu menyangkal Engkau

- dan berkata, “Siapakah Tuhan itu?”
Jangan sampai aku miskin lalu mencuri
dan memfitnah nama Allahku.
- ¹⁰ Jangan fitnahkan seorang hamba di hadapan
tuannya,
supaya jangan dia mengutukmu dan engkau
dihukum.
- ¹¹ Ada keturunan yang mengutuk ayahnya
dan tidak memohonkan berkat bagi ibunya.
- ¹² Ada pula orang yang menganggap dirinya
tahir,
tetapi belum juga bersih daripada
kecemarannya.
- ¹³ Ada orang yang matanya sangat bongkak,
dan kelopak matanya terangkat tinggi!
- ¹⁴ Ada keturunan yang giginya seperti pedang
dan rahangnya seperti pisau,
untuk membaham orang miskin dari bumi
dan kaum tertindas daripada kalangan
manusia.
- ¹⁵ Si lintah mempunyai dua orang anak
perempuan,
“Berilah! Berilah!”
Ada tiga hal yang tidak pernah puas,
bahkan empat hal yang tidak pernah berkata,
“Cukup”:
- ¹⁶ alam barzakh, rahim yang mandul,
bumi yang tidak pernah puas dengan air,

- dan api yang tidak pernah berkata, “Cukup!”
- ¹⁷ Mata yang mengolok-olokkan ayah
dan mencemuh bimbingan si ibu
akan dicungkil oleh burung gagak dari
lembah
dan dimakan oleh anak-anak rajawali.^u
- ¹⁸ Ada tiga hal yang terlalu ajaib bagiku,
bahkan empat hal yang tidak kufahami:
- ¹⁹ jalan rajawali di udara,
jalan ular di atas batu,
jalan kapal di tengah lautan,
dan jalan seorang lelaki dengan seorang
gadis.
- ²⁰ Demikianlah perilaku si perempuan pezina:
dia makan lalu mengesat mulutnya
dan berkata, ‘Aku tidak berbuat salah.’
- ²¹ Atas sebab tiga hal bumi ini bergetar,
bahkan kerana empat hal ia tidak dapat
bertahan:
- ²² kerana seorang hamba menjadi raja,
kerana seorang bodoh kenyang dengan
makanan,
- ²³ kerana seorang perempuan yang dibenci
menikah,
dan kerana seorang pelayan perempuan
menggantikan tempat cik puannya.

^u**30:17** Ada naskhah: burung nasar.

- ²⁴ Ada empat hal yang kecil di bumi
namun sangat bijaksana:
- ²⁵ semut, makhluk yang tidak kuat
tetapi menyediakan makanannya pada
musim panas;
- ²⁶ Landak, haiwan yang lemah
tetapi membuat sarangnya di bukit batu;
- ²⁷ belalang, yang tidak mempunyai raja
tetapi semuanya berbaris berpasukan,
- ²⁸ dan cicak, yang dapat kautangkap dengan
tangan
tetapi ada di istana raja.
- ²⁹ Ada tiga hal yang gagah langkahnya,
bahkan empat hal yang gagah jalannya:
- ³⁰ singa, yang terkuat antara segala haiwan
dan tidak mundur terhadap apa-apa pun;
- ³¹ ayam jantan yang angkuh, atau kambing
jantan,
dan seorang raja di hadapan pasukannya.
- ³² Jika engkau bersikap bodoh dengan
meninggikan dirimu,
atau jika engkau ada niat melakukan
kejahatan,
tekapkanlah tanganmu pada mulutmu,
- ³³ kerana seperti susu yang diaduk akan
menghasilkan mentega,
hidung yang ditekan akan mengeluarkan
darah,

demikianlah kemarahan yang digalakkan
bakal mencetuskan sengketa.

Pepatah-pepatah Raja Lemuel

- 31** ¹ Inilah kata-kata Lemuel, raja Masa, yang diajarkan oleh ibunya kepadanya:
- ² Hai anakku, hai anak daripada rahimku,
dan hai anak nazarku,
- ³ jangan serahkan kekuatanmu kepada perempuan,
dan jalan hidupmu kepada pembinasanya para raja.
- ⁴ Tidaklah patut bagi raja, hai Lemuel,
tidaklah patut bagi raja minum air anggur,
atau bagi para penguasa menginginkan minuman keras.
- ⁵ Kerana jika mereka meminumnya, jangan-jangan mereka lupa kepada ketetapan,
dan menyelewengkan hak semua orang yang tertindas.
- ⁶ Berikanlah minuman keras kepada orang yang hampir mati,
dan air anggur kepada orang yang getir hatinya.
- ⁷ Biarlah dia minum dan lupa akan kemiskinannya,
serta tidak lagi mengingat akan kesusahannya.

- ⁸ Bukalah mulutmu demi mempertahankan orang bisu,
dan bagi hak semua orang yang hampir lenyap.
- ⁹ Bukalah mulutmu, adililah secara benar,
belalah hak orang miskin dan orang melarat.

Puji-pujian untuk isteri yang cemerlang

- ¹⁰ Isteri yang cemerlang, siapakah dapat menemukannya?
Dia jauh lebih berharga daripada intan berlian.
- ¹¹ Hati suaminya mempercayainya
dan suaminya tidak akan kekurangan keuntungan.
- ¹² Dia berbuat baik kepada suaminya, bukan berbuat jahat,
seumur hidupnya.
- ¹³ Dia mencari bulu domba dan rami,
lalu dengan senang hati bekerja dengan tangannya.
- ¹⁴ Dia seperti kapal saudagar,
dibawanya makanannya dari jauh.
- ¹⁵ Dia bangun ketika hari masih gelap,
disiapkannya makanan untuk seisi rumahnya,
dan bahagian tugas bagi setiap pelayan perempuannya.

- ¹⁶ Setelah menimbangkan sewajar-wajarnya,
dibelinya sebuah ladang,
dan daripada hasil tangannya ditanaminya
kebun anggur.
- ¹⁷ Dia mengikat pinggangnya dengan kekuatan,
dan menguatkan lengannya.
- ¹⁸ Dia tahu bahawa usahanya menguntungkan;
pada malam hari pelitanya tidak padam.
- ¹⁹ Tangannya diletakkannya pada pemintal,
dan jari-jarinya memegang gelendong
benang.
- ²⁰ Dia membuka tangannya bagi orang miskin,
dan menghulurkan tangannya bagi orang
melarat.
- ²¹ Dia tidak mengkhawatirkan keluarganya ketika
musim sejuk tiba,
kerana seisi rumahnya berpakaian tebal.
- ²² Dia membuat bagi dirinya permaidani,
dan pakaiannya pun daripada linen halus
berwarna ungu.
- ²³ Suaminya dikenal orang di pintu gerbang,
ketika dia duduk bersama para tua-tua
negeri.
- ²⁴ Dia membuat pakaian daripada linen lalu
menjualnya,
dan dia menyediakan ikat pinggang bagi para
pedagang.

- ²⁵ Kekuatan dan kehormatan adalah
pakaianya;
dia tersenyum terhadap hari yang
mendatang.
- ²⁶ Dia membuka mulutnya dengan hikmah,
dan ajaran kebaikan hati ada di lidahnya.
- ²⁷ Dia mengawasi jalan rumah tangganya,
dan buah hasil kemalasan tidak dijamahnya.
- ²⁸ Anak-anaknya bangkit dan menyanjungnya,
suaminya pun memujinya,
- ²⁹ “Ramai perempuan yang perbuatan mereka
sangat baik,
tetapi engkau melebihi mereka semua.”
- ³⁰ Daya tarikan memperdaya dan kecantikan
cuma kesia-siaan,
tetapi perempuan yang takut kepada Tuhan
akan dipuji-puji.
- ³¹ Berikanlah kepadanya hasil tangannya,
dan biarlah hasil kerjanya memuji-mujinya di
pintu-pintu gerbang!

PENGKHUTBAH

Segala sesuatu sia-sia

- 1** ¹ Inilah kata-kata Pengkhutbah, anak Daud, raja di Yerusalem.
- ² Kesia-siaan semata-mata, kata Pengkhutbah, kesia-siaan semata-mata, segala-galanya hanya sia-sia.
- ³ Apa keuntungan yang diperoleh manusia atas segala jerih payahnya di bawah matahari?
- ⁴ Keturunan terus silih berganti, namun dunia ini tetap ada.
- ⁵ Matahari terbit dan terbenam lalu bergegas lagi ke tempat terbitnya.
- ⁶ Bertiup angin ke selatan dan berputar pula ke utara lantas terus-menerus berputaran dan kembali menurut kitaran yang sama.
- ⁷ Semua sungai mengalir ke laut, namun laut tidak pernah penuh. Maka sungai terus-menerus kembali mengalir ke arah aliran yang sama.
- ⁸ Segala sesuatu meletihkan sehingga tidak terkatakan oleh manusia.

Mata tidak puas memandang
dan telinga tidak jemu mendengar.

⁹ Yang sudah ada akan diadakan lagi,
dan yang sudah dibuat akan dibuat lagi.
Tiada apa-apa pun yang baru di bawah
matahari.

¹⁰ Dalam sesuatu hal, dapatkah dikatakan:
“Lihatlah, ini sesuatu yang baru!”?

Hal itu sudah sekian lama adanya,
sudahlah lama ada sebelum kita ada.

¹¹ Tiadalah kenangan tentang perkara yang
lampau.

Tiadalah pula kenangan tentang hal-hal yang
akan datang
bagi mereka yang hidup kelak.

Hikmah yang sia-sia

¹² Aku, Pengkhutbah, ialah raja pemerintah
Israel di Yerusalem. ¹³ Maka sepenuh hatiku
aku tetapkan untuk menerapkan hikmah demi
menyelidiki segala yang terjadi di bawah langit.
Berat, teruk lagi menghibakan, pekerjaan yang
diberikan Allah kepada anak-anak manusia.

¹⁴ Telah aku lihat segala perbuatan yang
dilakukan orang di bawah matahari, dan lihatlah,
betapa segala-galanya semata-mata kesia-siaan
bagaikan usaha menjaring angin.

¹⁵ Yang bongkok tidak dapat diluruskan,

dan apa yang tiada tidak dapat dihitung.

¹⁶ Berbicaralah aku dengan hatiku sendiri:

“Lihatlah, aku kini hebat dan hikmahku jauh lebih daripada yang dimiliki oleh semua orang yang memerintah Yerusalem sebelum aku. Ya, hatiku sudah mengalami begitu banyak hikmah dan ilmu pengetahuan.” ¹⁷ Maka sepenuh hatiku aku tetapkan untuk mengenali hikmah dan mengenali segala yang gila dan yang bodoh.

Tetapi aku sedari itu pun usaha menjaring angin.

¹⁸ Ada banyak kehibaan dalam banyak hikmah, dan sesiapa yang menambah ilmu pengetahuan sekadar meningkatkan sakit dan rasa hiba.

Keseronokan itu sia-sia

2 ¹ Aku berkata dalam hatiku: “Mari, aku mengujimu dengan keseronokan. Maka berseronoklah! Namun demikian, keseronokan juga sia-sia sahaja.” ² Dalam hal ketawa aku berkata: “Itu suatu kegilaan!” Tentang keriangannya pula: “Apa gunanya?” ³ Aku memikir-mikirkan betapa air anggur merangsang tubuhku walhal akal budiku terus memimpinku dengan hikmah – dan cara menguasai kebodohan sampai aku mampu menyedari apa yang baik-baik bagi anak-anak manusia, yakni perkara yang

seharusnya dilakukan mereka dalam ruang lingkup usia mereka hidup di bawah langit ini.

⁴ Maka aku perhebat segala pekerjaanku: untuk diriku, aku membina rumah-rumah, serta membangunkan kebun-kebun anggur; ⁵ aku mengusahakan bagiku kebun-kebun dan taman-taman, dan menanaminya dengan rupa-rupa pohon buah; ⁶ aku menggali kolam-kolam air untuk mengairi hutan rimba iaitu tapak permulaan segala anak pokok. ⁷ Aku membeli abdi lelaki dan perempuan, dan ada abdi yang lahir di rumahku. Aku juga memiliki ternakan dan kawanan haiwan peliharaan yang jumlahnya jauh melebihi pemilikan sesiapa pun yang pernah hidup di Yerusalem sebelum aku. ⁸ Aku mengumpulkan harta berupa emas perak dan khazanah daripada raja-raja dan dari wilayah dan rantau. Aku menyediakan untuk diriku para biduan dan biduanita, serta para gundik yang memang kesukaan anak-anak manusia.

⁹ Maka semakin besar dan hebatlah aku malah jauh lebih besar daripada sesiapa pun yang pernah hidup di Yerusalem sebelum aku; lantas hikmahku terus menetap padaku. ¹⁰ Tidak juga kuhalang segala kehendak mataku dan

2:4: 1Raj 10:23-27; 2Taw 9:22-27. **2:7:** 1Raj 4:23.

2:8: 1Raj 10:10,14-22. **2:9:** 1Taw 29:25.

tidak kutahan hatiku daripada segala bentuk kegembiraan, kerana hatiku bersukacita hasil segala usahaku dan kesemua itu ganjaran bagi segala jerih payahku. ¹¹ Ketika aku meneliti segala pekerjaan yang kulakukan dengan tanganku dan atas segala sudah kuusahakan dengan penat lelah, ketara segalanya kesia-siaan belaka dan usaha menjaring angin yang tiada manfaat di bawah matahari.

Hidup berhikmah sia-sia

¹² Maka berpalinglah aku lalu meninjau hikmah, kegilaan dan kebodohan itu.

Apa yang dapat dilakukan orang yang menggantikan raja kecuali perbuatan yang pernah dibuat sebelum itu. ¹³ Lalu aku dapati betapa hikmah melebihi kebodohan sebagaimana cahaya mengatasi kegelapan.

¹⁴ Bagi orang yang bijaksana, matanya ada di kepalanya walhal orang yang bodoh berjalan dalam kegelapan, tetapi aku tahu juga bahawa takdir yang sama menimpa mereka semua.

¹⁵ Maka aku berkata dalam hatiku: “Kejadian yang menimpa orang bodoh juga akan menimpa aku, jadi bagaimanakah aku ini lebih bijaksana?” Lalu aku berkata dalam hati, bahawa ini semua juga sia-sia. ¹⁶ Baik bagi orang yang bijaksana mahupun bagi orang yang bodoh,

tiada kenangan yang abadi, kerana kesemuanya akan dilupakan pada hari-hari yang mendatang. Bukankah kematian menimpa baik orang yang bijaksana mahupun yang bodoh? ¹⁷ Maka aku membenci kehidupan kerana kerja yang kubuat di bawah matahari perkara yang teruk kepadaku, segala-galanya hanya kesia-siaan laksana usaha menjaring angin.

Jerih payah yang sia-sia

¹⁸ Ya, aku membenci segala usaha jerih payahku yang dilakukan di bawah matahari kerana aku tetap terpaksa meninggalkannya kepada orang yang datang sesudah aku. ¹⁹ Siapa yang tahu sama ada orang itu bijaksana atau bodoh? Namun begitu, dia tetap menguasai segala yang kuusahakan dengan jerih payah dan bijaksana di bawah matahari itu. Maka hanya sia-sia juga semuanya. ²⁰ Lalu aku berubah hati dan berputus asa dengan segala usahaku berpenat lelah di bawah matahari. ²¹ Ada orang yang berjerih payah dengan bijaksana, ilmu pengetahuan dan kemahiran akhirnya terpaksa menyerahkan hasilnya kepada orang yang tidak berpenat lelah untuk hasil itu. Hal ini pun kesia-siaan dan amat malang. ²² Faedah apa yang diperoleh manusia hasil segala usahanya sepenuh hati serta dengan

berpenat lelah di bawah matahari? ²³ Sepanjang usianya, hidupnya penuh dengan kesedihan dan pekerjaannya begitu teruk, malahan pada malam hari pun ketenteraman tidak mengunjungnya. Itu juga kesia-siaan.

²⁴ Bukankah tiada yang lebih baik bagi manusia kecuali makan dan minum dan bersenang-lenang hasil usahanya berpenat lelah? Aku sedar betapa rahmat itu juga daripada tangan Allah.

²⁵ Sebabnya siapalah yang dapat makan dan merasai kenikmatan itu tanpa rahmat-Nya?

²⁶ Sebabnya kepada orang yang Dia berkenan dalam hati-Nya, Allah menganugerahkan hikmah, ilmu pengetahuan dan kegembiraan, tetapi kepada pendosa Dia serahkan tugas untuk mengumpul dan menimbunkan hasil yang kelak terpaksa diberikannya kepada orang yang diperkenan Allah. Maka ini juga kesia-siaan dan usaha menjaring angin.

Ada waktunya bagi segala sesuatu

3 ¹ Bagi segala sesuatu ada musimnya, dan bagi sesuatu apa pun di bawah kolong langit ada waktunya.

² Ada waktu untuk dilahirkan, ada waktu untuk mati,
ada waktu untuk menanam, ada waktu untuk mencabut apa yang ditanam;

³ ada waktu untuk membunuh, ada waktu untuk menyembuhkan;
ada waktu untuk merobohkan, ada waktu untuk membina;

⁴ ada waktu untuk menangis, ada waktu untuk ketawa;
ada waktu untuk meratap; ada waktu untuk menari;

⁵ ada waktu untuk melempar batu, ada waktu untuk mengumpulkan batu;
ada waktu untuk memeluk, ada waktu untuk menahan diri;

⁶ ada waktu untuk mencari, ada waktu untuk membiarkan hilang;
ada waktu untuk menyimpan, ada waktu untuk membuang;

⁷ ada waktu untuk mengoyak, ada waktu untuk menjahit;
ada waktu untuk berdiam diri, ada waktu untuk bercakap;

⁸ ada waktu untuk mengasihi, ada waktu untuk membenci;
ada waktu untuk berperang, ada waktu untuk berdamai.

Kerja yang diberikan Allah

⁹ Apakah keuntungan yang diperoleh seorang pekerja daripada jerih payahnya? ¹⁰ Aku telah melihat pekerjaan berat yang diberikan Allah kepada anak-anak manusia untuk diusahakan. ¹¹ Dia menjadikan segala sesuatu indah pada waktunya, malah Dia meletakkan keabadian dalam hati mereka. Namun begitu, manusia tidak dapat menyelami pekerjaan yang dilakukan Allah dari awal hingga akhir. ¹² Aku tahu bahawa tiada yang lebih baik bagi manusia daripada bersukacita dan berbuat baik dalam kehidupan mereka. ¹³ Juga, hakikat bahawa setiap orang dapat makan, minum dan menikmati kesenangan dalam segala usahanya dengan berjerih payah. Itu pun pemberian Allah.

¹⁴ Aku tahu bahawa segala-gala yang dilakukan Allah tetap ada buat selama-lamanya; tiada yang dapat ditambah ataupun dikurangkan; Allah berbuat demikian demi memastikan manusia takut kepada-Nya. ¹⁵ Yang sekarang ada dahulu sudah ada, dan yang akan ada sudah lama ada; dan Allah mencari yang sudah lalu.

Ketidakadilan dalam hidup

¹⁶ Kulihat juga bahawa di bawah matahari: di tempat pengadilan pun ada kejahatan,

dan di tempat kebenaran pun ada kefasiqan.

¹⁷ Berkatalah aku dalam hati bahawa Allah akan mengadili orang yang benar dan orang yang fasiq, kerana segala hal dan segala pekerjaan ada waktunya. ¹⁸ Berkata aku lagi dalam hati tentang anak-anak manusia, bahawa Allah memang menguji mereka agar mereka sedar betapa mereka sekadar seperti haiwan.

¹⁹ Nasib anak-anak manusia memang sama dengan nasib haiwan dan peristiwa yang sama menimpa kedua-duanya. Sebagaimana yang satu mati, begitu jua halnya dengan yang lagi satu. Kedua-duanya sama-sama bernafas maka tiada kelebihan manusia berbanding dengan haiwan kerana segala-galanya hanya kesia-siaan.

²⁰ Kedua-duanya menuju tempat yang sama; kedua-duanya berasal daripada debu dan kedua-duanya kelak kembali menjadi debu.

²¹ Siapakah yang mengetahui sama ada roh manusia naik ke atas dan roh haiwan turun ke dalam bumi? ²² Maka kulihat bahawa tiada yang lebih baik bagi manusia selain bergembira menjalankan usahanya kerana itu bahagian untuknya. Siapakah yang akan memperlihatkan kepadanya apa yang bakal terjadi sesudah dia tiada lagi?

Kejahatan yang nyata

4¹ Lalu aku melihat semula segala bentuk penindasan yang dilakukan di bawah matahari. Inilah yang aku lihat: Air mata orang yang tertindas dan tiada sesiapa pun yang menyenangkan hati mereka; kuasa ada pada pihak penindas walhal mereka yang tertindas tiada sesiapa yang menyenangkan hati mereka.

² Maka aku menganggap orang yang sudah mati lebih berbahagia daripada orang yang masih hidup sehingga kini. ³ Tetapi lebih berbahagia daripada kedua-duanya itu ialah orang yang belum ada, yang belum melihat perbuatan segala kejahatan yang dilakukan di bawah matahari.

⁴ Dan aku melihat segala usaha jerih payah dan segala kemahiran dalam pekerjaan itu berpunca daripada iri hati seseorang terhadap jirannya. Maka itu jua kesia-siaan dan usaha menjaring angin.

⁵ Si bodoh berpeluk tangannya dan memakan dagingnya sendiri.

⁶ Segenggam penuh ketenangan lebih baik daripada dua genggam penuh jerih lelah dan usaha menjaring angin.

⁷ Sekali lagi aku melihat kesia-siaan di bawah matahari: ⁸ Ada seorang yang hidup bersendirian, yang tiada anak lelaki atau saudara lelaki. Biar pun

dia tidak henti-henti berusaha dengan jerih lelah, namun matanya tetap tidak puas dengan kekayaan; lalu bertanyalah dia: “Untuk siapakah aku berjerih lelah dan menolak kesenangan ini?” Itu pun kesia-siaan dan perkara yang teruk.

⁹ Berdua lebih baik daripada bersendirian kerana mereka menerima upah yang baik atas penat lelah mereka. ¹⁰ Seandainya ada antara mereka yang jatuh, yang seorang lagi akan mengangkat temannya, tetapi malangnya orang yang jatuh dan tiada sesiapa untuk mengangkatnya!

¹¹ Juga apabila orang tidur berdua, mereka akan terasa panas, tetapi bagaimana yang tidur bersendirian dapat berasa panas? ¹² Dan orang yang bersendirian dapat ditewaskan, dua orang dapat bertahan. Tiga utas tali yang dipintal memang tidak mudah diputuskan.

¹³ Lebih baik si pemuda miskin yang bijaksana berbanding dengan seorang raja tua yang bodoh, yang sudah tidak mahu menerima nasihat.

¹⁴ Sebabnya si pemuda keluar dari penjara untuk menjadi raja meskipun dia dilahirkan miskin dalam kerajaan itu. ¹⁵ Aku melihat semua orang yang hidup di bawah matahari berjalan mengiringi si pemuda yang kelak memerintah sebagai pengganti raja tua itu.

¹⁶ Lalu tidak habis-habis rakyat yang kesemuanya dipimpinya, namun orang yang sebelumnya

dan yang datang kemudian, tidak menyukai dia. Maka, ini pun kesia-siaan dan usaha menjaring angin.

Takut kepada Allah

5 ¹ Jagalah langkahmu ketika kamu berjalan ke Rumah Allah! Menghampiri bait itu untuk mendengar memang lebih baik daripada mempersembahkan korban sebagaimana yang dilakukan oleh kalangan bodoh yang tidak tahu bahawa mereka berbuat jahat. ² Janganlah terburu-buru berkata-kata dengan mulutmu, dan janganlah hatimu segera mengeluarkan perkataan di hadapan Allah, kerana Allah di syurga walhal kamu berada di bumi. Maka biarlah sedikit sahaja perkataanmu. ³ Sebagaimana punca impian ialah kesibukan berusaha, begitu jugalah terlalu banyak kata membawa pengucapan bodoh. ⁴ Jika kamu bernazar kepada Allah, bersegeralah membayarnya kerana Allah tidak berkenan terhadap kalangan bodoh. Maka bayarlah nazarmu. ⁵ Lebih baik tidak bernazar daripada kamu bernazar tetapi tidak membayar nazarmu. ⁶ Usah membiarkan mulutmu menyebabkan kamu berdosa, dan usah berkata di hadapan malaikat bahawa kamu

tersilap. Mengapa sampai Allah perlu murka atas kata-katamu lalu merosakkan pekerjaan tanganmu?

⁷ Terlalu banyak kata dan impian hanyalah kesia-siaan. Maka takutlah kepada Allah.

Kekayaan itu sia-sia

⁸ Usah kehairanan jika kamu melihat di suatu wilayah berlakunya penindasan orang miskin serta pencabulan terhadap keadilan dan kebenaran kerana ada pegawai tinggi yang diawasi oleh pegawai tinggi yang lain dan mereka itu pula diawasi oleh pegawai yang lebih tinggi lagi.

⁹ Bumi amat beruntung jika antara semua umat, ada raja yang mengusahakan ladangnya.

¹⁰ Pencinta wang tidak akan puas dengan wang dan begitu jugalah pencinta kelimpahan tidak akan puas dengan pendapatannya. Ini juga kesia-siaan. ¹¹ Apabila ada pertambahan harta, akan bertambah juga kalangan yang menghabiskannya. Maka keuntungan apa yang dikecap para pemilik harta kecuali sekadar melihatnya dengan matanya?

¹² Nyenyak tidurnya orang yang bekerja, sama ada dia makan sedikit atau banyak tetapi kekenyangan orang kaya memang tidak membolehkan dia tidur. ¹³ Ada keburukan yang

menyedihkan yang kulihat di bawah matahari: pemilik kekayaan mendapat kehancuran daripada harta kekayaan sendiri. ¹⁴ Dan melalui pengelolaan yang buruk, kekayaan itu lenyap hinggalah tiada suatu pun yang ada lagi untuk anaknya. ¹⁵ Dengan telanjang seorang keluar daripada kandungan ibunya, dan dengan telanjang juga dia akan pergi. Tiada satu apa-apa pun hasil jerih payah usahanya yang dapat dibawa dalam tangannya. ¹⁶ Ini juga keburukan yang menyedihkan. Sebagaimana dia datang, demikian jugalah pemergiannya. Maka keuntungan apakah yang diperoleh setelah berpenat lelah menjaring angin?

¹⁷ Malah sepanjang usianya dia makan dalam kegelapan dan penuh dukacita serta mengalami pelbagai kesusahan, kesakitan dan kekesalan.

¹⁸ Lihatlah, apa yang kuanggap baik dan tepat ialah dalam segala jerih payah seseorang di bawah matahari itu, dia perlu menikmati makan minum dan kesenangan yang diberikan Allah selama tempoh kehidupannya yang singkat itu.

¹⁹ Setiap orang yang dirahmati Allah kekayaan, harta benda dan kuasa untuk menikmatinya, untuk menerima bahagiannya, dan untuk bersukacita dalam jerih payahnya – itu juga

kurnia Allah. ²⁰ Dia tidak sering memikirkan hari-hari hidupnya kerana Allah membiarkan dia sibuk dengan kesukaan hatinya.

6 ¹ Kulihat ada sesuatu keburukan yang amat menekan manusia di bawah matahari: ² Allah mengurniai orang kekayaan, harta benda dan kehormatan sehingga dia tidak kekurangan sesuatu pun yang diinginkannya. Akan tetapi, Allah tidak mengurniai orang itu kuasa untuk menikmati semua itu, malah orang lain yang menikmatinya. Inilah kesia-siaan; sesuatu keburukan yang menyedihkan. ³ Jika seorang lelaki mempunyai seratus orang anak dan berumur panjang, yakni lama hidupnya tetapi dia tidak puas dengan segala kebaikan hidup, malah dia tidak dikebumikan, maka kataku, anak yang gugur lebih baik daripada dia. ⁴ Anak yang gugur itu datang dalam kesia-siaan dan pergi dalam kegelapan, dan namanya dilitupi kegelapan. ⁵ Lagipun tidak pernah dia melihat matahari ataupun mengetahui sesuatu pun. Dia lebih tenteram berbanding dengan lelaki malang tadi. ⁶ Biarpun dia hidup dua kali seribu tahun tetapi tidak dapat menikmati kemakmuran. Bukankah segala sesuatu menuju ke satu tempat yang sama?

⁷ Segala usaha seseorang berpenat lelah demi mulutnya, namun nafsu seleranya tidak

dipuaskan. ⁸ Apakah kelebihan orang yang bijaksana berbanding dengan orang yang bodoh? Apakah kelebihan orang miskin yang tahu membawa diri di hadapan orang? ⁹ Melihat sahaja lebih baik daripada mengikut nafsu yang sentiasa berubah-ubah. Ini juga kesia-siaan dan usaha menjaring angin.

¹⁰ Apa sahaja yang wujud, sudah lama disebut namanya. Memang sudah diketahui betapa manusia tidak mampu bertikai dengan yang lebih berkuasa daripadanya. ¹¹ Bukankah semakin banyak kata hanya meningkatkan kesia-siaan. Jadi apakah faedahnya bagi manusia? ¹² Siapakah yang tahu apa yang baik bagi manusia sepanjang tempoh kehidupannya yang sia-sia dan dilaluinya seperti bayang-bayang? Siapakah yang dapat memberitahu manusia apa akan terjadi di bawah matahari sesudah ketiadaannya?

Bezanya hikmah daripada kebodohan

7 ¹ Nama yang baik lebih baik daripada ubat salap yang berharga, dan hari kematian lebih baik daripada hari kelahiran.

² Pergi ke rumah orang berkabung lebih baik

daripada pergi ke rumah orang berpesta
kerana kesudahan setiap insan memang di
rumah orang berkabung.

Semoga setiap insan yang hidup memperingati
hal ini.

³ Berdukacita lebih baik daripada tertawa
kerana hati akan lega oleh wajah yang
muram.

⁴ Hati orang yang bijaksana berada di tempat
perkabungan tetapi hati orang bodoh di
tempat bersuka ria.

⁵ Mendengar celaan orang yang bijaksana lebih
baik daripada mendengar dendangan
orang bodoh.

⁶ Kerana sebagaimana bunyi duri terbakar di
bawah periuk,
begitulah ketawa orang bodoh.
Ini pun kesia-siaan.

⁷ Lantaran penindasan orang bijaksana naik
gila,
dan wang sogokan merosakkan hati.

⁸ Kesudahan sesuatu lebih baik daripada
permulaannya.

Jiwa yang sabar lebih baik daripada jiwa yang
bongkak.

⁹ Jangan hatimu cepat marah

kerana amarah mendongkol dalam dada orang bodoh.

¹⁰ Jangan berkata: “Mengapa zaman dahulu lebih baik daripada zaman sekarang?”

Sebabnya bukan atas hikmahmu kamu melontarkan hal itu.

¹¹ Hikmah memang baik apabila segandingan dengan warisan

dan itu suatu kelebihan bagi orang yang masih melihat matahari.

¹² Maka melindungi hikmah juga seperti melindungi wang,

dan kelebihan hikmah ialah ia memelihara kehidupan para pemiliknya.

¹³ Perhatikanlah pekerjaan Allah!

Siapalah yang mampu meluruskan apa yang telah Allah bengkokkan?

¹⁴ Bergembiralah pada hari kamu makmur, tetapi pada hari kamu susah ingatlah bahawa betapa hari kamu susah pun dijadikan Allah seperti hari kamu makmur, agar manusia tidak memahami apa yang bakal terjadi pada kemudian hari.

¹⁵ Dalam hidupku yang sia-sia ini telah kulihat segala hal: ada orang warak yang binasa dalam kewarakannya^v, ada orang fasiq yang

^v7:15 Atau: Perbenarannya.

hidup panjang umur meskipun hidupnya dalam kejahatan. ¹⁶ Janganlah terlalu salih dan janganlah menjadikan dirimu terlampau bijak. Mengapa perlu kamu musnahkan diri sendiri? ¹⁷ Janganlah terlalu fasiq dan jangan menjadi orang bodoh! Mengapa perlu kamu mati sebelum tiba ajalmu? ¹⁸ Baik jika kamu berpegang kepada satu nasihat ini dan tidak melepaskan yang satu lagi kerana yang takut kepada Allah akan maju daripada kedua-duanya.

¹⁹ Hikmah memberikan kekuatan kepada orang bijaksana lebih banyak daripada sepuluh orang penguasa di dalam kota.

²⁰ Sesungguhnya, di bumi ini tiada orang benar yang sentiasa berbuat baik dan tidak pernah berdosa.

²¹ Juga janganlah terlalu mempedulikan apa yang dikatakan orang supaya kamu tidak mendengar hambamu mengutuk kamu.

²² Sebabnya hatimu pun tahu betapa kamu juga kerap mengutuk orang lain.

²³ Kesemuanya ini pernah kuuji dengan hikmah. Kataku: "Aku akan menjadi bijaksana," tetapi tahap itu jauh daripadaku. ²⁴ Maka, siapakah yang dapat mencapai tahap yang sangat jauh dan sangat dalam itu? ²⁵ Lalu aku berusaha untuk memahami, menyelidiki, dan mencari hikmah

dan kesimpulan, serta untuk memahami betapa bodohnya kejahatan dan gilanya kekebalan.

²⁶ Dan aku mendapati bahawa yang lebih pahit daripada maut ialah perempuan yang hatinya bak perangkap dan jala serta tangannya seperti belunggu. Orang yang baik di mata Allah terhindar daripadanya, tetapi orang yang berdosa akan terjebak olehnya. ²⁷ Lihatlah iktibar yang kudapati, kata Pengkhotbah yang mempertimbangkan satu perkara dengan yang lain demi mencari kesimpulan, ²⁸ yang masih kucari namun belum menemuinya. Kutemui seorang lelaki antara seribu, tetapi tidak kutemui seorang pun perempuan antara mereka. ²⁹ Lihatlah, yang hanya kudapati ialah bahawa Allah menjadikan manusia jujur, tetapi manusia sendiri yang banyak rancangan jahatnya.

Kepatuhan kepada raja

8 ¹ Siapakah yang seperti orang bijaksana? Dan siapakah yang mengetahui tafsiran setiap perkara?

Hikmah menjadikan wajah seseorang berseri-seri

dan kekerasan wajahnya pun berubah.

² Nasihatku: patuhilah perintah raja demi ikrarmu kepada Allah. ³ Janganlah tergesa-gesa beredar dari hadapannya. Janganlah

membangkok dalam hal kejahatan kerana dia akan melakukan apa-apa jua mengikut kehendaknya. ⁴Titah raja memang berkuasa, maka siapakah yang akan bertanya kepadanya: “Apakah yang tuanku buat?” ⁵Sesiapa yang mematuhi perintah tidak akan menerima bencana kerana hati orang yang bijaksana mengetahui waktu dan cara yang sewajarnya. ⁶Sebabnya segala sesuatu mempunyai waktu dan cara yang tepat meskipun manusia menanggung kesusahan yang berat. ⁷Sesungguhnya, tidak diketahuinya apa yang bakal berlaku kerana siapakah yang dapat memberitahunya bagaimana hal itu akan terjadi? ⁸Tiada manusia yang berkuasa terhadap angin ataupun atas hari kematian. Tiada istirahat dalam peperangan sebagaimana kefasiqan tidak menyelamatkan orang yang melakukan kefasiqan.

Yang takut kepada Allah akan berhasil

⁹Semua ini kuperhatikan dan kuteliti segala perbuatan yang dilakukan di bawah matahari dan ada ketika seseorang menguasai orang lain hingga mencederakannya. ¹⁰Aku turut melihat kalangan fasiq dikebumikan, segala kefasiqan mereka dilupakan dan mereka dimuliakan oleh warga kota, termasuk yang datang dari tempat-tempat suci. Ini pun kesia-siaan.

¹¹ Kerana hukuman atas perbuatan jahat tidak segera dilaksanakan, lantas hati anak-anak manusia cenderung ke arah berbuat jahat.

¹² Walaupun si pendosa berbuat jahat seratus kali dan panjang usianya, namun aku pasti bahawa orang yang takut kepada Allah akan hidup damai sejahtera kerana mereka bertakwa kepada-Nya.

¹³ Tetapi orang fasiq tidak akan beroleh kesejahteraan dan seperti bayang-bayang, usianya tidak akan dilanjutkan lantaran dia tidak takut kepada Allah.

Rancangan Allah tidak dapat diselami

¹⁴ Ada kesia-siaan yang berlaku di bumi: ada orang salih yang menerima balasan yang patut bagi perbuatan orang fasiq, dan ada orang fasiq yang menerima pahala yang patut bagi perbuatan orang salih. Aku berkata: “Ini pun kesia-siaan.”

¹⁵ Maka aku mensyukuri segala nikmat kehidupan kerana di bawah matahari, tiada yang lebih baik daripada makan, minum dan bersifat ceria bagi manusia. Itu yang mengiringi segala usahanya berpenat lelah sepanjang usia yang dianugerahkan Allah kepadanya di bawah matahari.

¹⁶ Ketika kutetapkan hati untuk memahami hikmah dan melihat manusia berhemah

menjalani kehidupan di dunia dengan penuh ketekunan hingga tidak tidur siang malam, ¹⁷nyatalah kepadaku bahawa manusia tidak dapat memahami erti segala perbuatan yang dilakukan Allah di bawah matahari. Betapa kuat ketekunan manusia berpenat lelah pun, dia tidak mampu menyelaminya. Bahkan orang bijaksana yang mendakwa dia mengetahuinya juga tidak dapat menyelaminya.

Nasib semua orang sama

9 ¹ Kesemua hal ini kupertimbangkan dalam hatiku hingga dapat kunyatakan bahawa orang salih dan orang bijaksana dan segala perbuatan mereka ada dalam tangan Allah. Manusia juga tidak mengetahui baik kasih mahupun kebencian, malah apa-apa pun yang akan dihadapinya. ² Nasib yang sama menantikan semua manusia di bumi ini, baik yang salih mahupun yang fasiq, yang baik ataupun yang jahat, baik yang suci mahupun yang najis, baik yang mempersembahkan korban mahupun yang tidak mempersembahkan korban. Orang yang baik dan orang yang berdosa serta orang yang bersumpah dan juga orang yang takut bersumpah; semuanya menerima layanan yang sama. ³ Malang sekali, dalam segala sesuatu yang terjadi di bawah matahari; nasib semua

orang sama. Hati anak-anak manusia dipenuhi kejahatan dan kegilaan juga ada dalam hati mereka seumur hidup, dan kemudiannya mereka menuju dunia orang mati. ⁴ Namun demikian, selagi dalam kalangan hidup, manusia masih ada harapan kerana anjing yang hidup lebih baik daripada singa yang mati. ⁵ Mereka yang hidup tahu bahawa mereka akan mati, tetapi orang yang mati tidak mengetahui apa-apa lagi dan tiada upah bagi mereka, bahkan sudah lenyap kenangan terhadap mereka. ⁶ Lenyap sudah segala perbuatan mereka baik kasih mereka mahupun kebencian dan iri hati. Mereka juga sudah tidak berperanan lagi dalam segala sesuatu yang berlaku di bawah matahari.

Nikmati hidup

⁷ Maka makanlah rotimu dan minumlah air anggurmu dengan riang kerana Allah sudah pun berkenan dengan perbuatanmu. ⁸ Biarlah pakaianmu sentiasa kemas dan bersih serta sentiasa ada minyak di kepalamu. ⁹ Nikmatilah hidup dengan isteri yang kamu kasih sepanjang kesia-siaan hidupmu yang dianugerahkan Allah kepadamu di bawah matahari. Itulah bahagianmu dalam hidup dan dalam usaha jerih payahmu selama ini di bawah matahari. ¹⁰ Usahakan dengan segala daya upaya apa-apa

sahaja yang dikerjakan tanganmu kerana di alam kubur yang kamu tuju kelak tidak ada pekerjaan, perancangan, pengetahuan dan hikmah.

Hikmah lebih bermanfaat

¹¹ Satu lagi yang kulihat di bawah matahari ialah perlumbaan tidak dimenangi baik oleh pelari yang pantas mahupun perjuangan diungguli mereka yang terkuat. Begitu jugalah tidak semestinya rezeki untuk yang bijaksana atau kekayaan untuk mereka yang bestari. Begitu juga kelebihan bukan khusus bagi kalangan yang mahir kerana masa dan nasib dialami mereka semua. ¹² Manusia tidak mengetahui bila waktunya tiba. Sebagaimana ikan yang terjebak di dalam jala dan seperti burung yang tertangkap di dalam jerat, demikian juga bencana menimpa anak-anak manusia secara tiba-tiba.

¹³ Kulihat hal ini sebagai contoh hikmah di bawah matahari dan hal itu berkesan hebat terhadap aku. ¹⁴ Sebuah kota kecil yang tidak ramai penduduknya diserang dan dikepung oleh tentera seorang raja yang agung. Lalu didirikan pelbagai kubu pengepungan yang besar di sekeliling kota itu. ¹⁵ Seorang warga miskin yang bijaksana di kota itu menyelamatkan kota itu dengan hikmahnya namun tiada orang pun yang mengenang jasa si miskin itu. ¹⁶ Kataku: “Hikmah

tetap lebih baik daripada keperkasaan meskipun hikmah si miskin di kota itu diremehkan dan tidak dihiraukan orang.”¹⁷ Kata-kata orang bijaksana yang didengar dengan tenang, lebih baik daripada teriakan orang yang berkuasa dalam kalangan bodoh.¹⁸ Hikmah lebih baik daripada segala alat peperangan tetapi seorang pendosa memusnahkan banyak kebaikan.

10¹ Bangkai lalat menyebabkan minyak pembuat minyak urap berbau busuk; begitu juga sedikit kebodohan lebih besar kesannya daripada hikmah dan kehormatan.

² Hati orang bijaksana memimpin ke arah yang betul tetapi hati orang bodoh menjurus ke jalan yang salah.

³ Perjalanan orang bodoh pun kurang akal budinya hinggakan ternyata kebodohnya kepada semua orang.

⁴ Jika meluap kemarahan pihak berkuasa terhadap kamu, janganlah meninggalkan tempatmu, kerana kesabaran menenteramkan kesalahan besar.

⁵ Ada nahas yang kulihat di bawah matahari sebagaimana kesilapan yang berpunca daripada

seorang penguasa: ⁶ kalangan bodoh mengisi tempat tinggi sedangkan mereka yang kaya memenuhi tempat yang rendah. ⁷ Kulihat ada abdi yang menunggang kuda manakala para pembesar berjalan kaki seperti kalangan abdi.

⁸ Sesiapa yang menggali lubang akan jatuh ke dalamnya,
dan sesiapa menembusi tembok akan dipagut ular.

⁹ Sesiapa yang memecahkan batu luka kerana batu
dan sesiapa yang membelah kayu akan terancam oleh bahaya daripada kayu itu.

¹⁰ Mata kapak yang tumpul dan tidak diasah akan memerlukan penggunaanya mengeluarkan tenaga yang banyak tetapi hikmah membantu keberhasilan usaha.

¹¹ Jika ular memagut sebelum mantera dibunyikan,
tiadalah kelebihan bagi si pawang ular itu.

¹² Kata-kata orang bijaksana penuh kurnia walhal bibir orang bodoh menelan diri orang itu sendiri.

¹³ Permulaan cakupnya pun bodoh

dan penyudahnya hanya kegilaan yang durjana.

¹⁴ Si bodoh mengeluarkan kata-kata yang berleret-leret,

meskipun tiada seorang manusia yang mengetahui apa akan berlaku

dan apa kelak terjadi sesudah dia tiada.

¹⁵ Maka hanya kelesuan diperoleh si bodoh yang berpenat lelah,

kerana dia tidak akan tahu jalan menuju ke kota.

¹⁶ Malangnya bumi yang rajanya keanak-anakan manakala para pembesarnya berpesta ria biarpun hari masih pagi!

¹⁷ Berbahagialah bumi yang rajanya daripada kalangan bangsawan

dan para pemimpinnya makan pada waktunya

demi memperoleh daya kekuatan dan bukan untuk mabuk-mabuk!

¹⁸ Runtuh atap kerana kemalasan

dan bocor rumah kerana berat tulang.

¹⁹ Makanan disediakan untuk dinikmati

dan air anggur untuk meriangkan hidup

dan wang yang memungkinkan semuanya dilakukan.

²⁰ Usah mengutuk raja sekalipun hanya dalam fikiran

dan di dalam bilik tidurmu, jangan mengutuk
kalangan kaya
kerana mungkin burung yang berterbangan
kelak mengadu hal itu,
dan para pemberi maklumat dapat
memanjangkan kata-katamu.

Pedoman hidup

- 11** ¹ Tebarkan rotimu ke air
kerana beberapa waktu kelak kamu akan
memperolehnya semula.
- ² Berikanlah bahagian kepada tujuh atau hingga
lapan orang,
kerana kamu tidak mengetahui bencana apa
yang bakal terjadi di bumi ini.
- ³ Kumpulan awan yang sarat berisi hujan
akan mencurahkan kesemuanya ke atas
bumi;
dan pohon yang tumbang ke selatan atau ke
utara
akan tetap di tempat tumbangannya.
- ⁴ Sesiapa yang sentiasa memperhatikan angin
tidak akan menabur;
dan sesiapa yang sentiasa melihat awan
tidak akan menuai.
- ⁵ Sebagaimana kamu tidak mengetahui cara dan
laluhan angin dan pembentukan tulang-temulang
di dalam rahim wanita yang mengandung,

demikian jugalah kamu tidak mengetahui pekerjaan Allah yang menjadikan segala sesuatu.

⁶ Pada pagi hari taburlah benihmu, dan pada kala petang, usah rehatkan tanganmu, kerana kamu tidak mengetahui yang mana satu akan berhasil, atau kedua-duanya sama baik.

⁷ Cahaya itu manis dan melihat matahari itu menyenangkan bagi mata;

⁸ Maka biarlah orang yang panjang usia bersukacita dengan tahun-tahun kehidupannya. Namun demikian, dia perlu ingat bahawa akan ada banyak juga hari kegelapan dan segala yang mendatang ialah kesia-siaan.

⁹ Bersuka rialah, wahai pemuda ketika kamu remaja dan senangkanlah hatimu ketika kamu muda. Turutilah hasrat hatimu dan pandangan matamu, tetapi ketahuilah bahawa segalanya akan diadili Allah.

¹⁰ Buang kesedihan daripada hatimu dan singkirkan kejahatan daripada tubuhmu kerana zaman kanak-kanak, zaman muda dan puncak kehidupanmu hanya kesia-siaan.

Ingatlah Penciptamu

12 ¹ Ingatlah Penciptamu pada masa mudamu, sebelum tiba hari-hari yang susah dan menjelang tahun-tahun yang akan kamu kata: “Tiada kesenangan bagiku dalam

hidup ini”,² sebelum matahari, cahaya serta bulan dan bintang-bintang menjadi gelap malah awan kembali selepas hujan; ³ pada waktu para penjaga rumah gementar, dan yang gagah perkasa terbongkok, dan para penggiling berhenti kerana semakin kurang bilangan mereka, dan mata mereka yang melihat dari jendela menjadi kabur; ⁴ dan pintu-pintu di tepi jalan tertutup, dan kian lemah bunyi penggilingan, dan orang terbangun oleh kicauan burung, dan suara nyanyian kian sayup; ⁵ dan orang berasa takut terhadap tempat-tempat tinggi, serta terhadap kengerian di jalan. Dengan berkembangnya bunga badam, belalang menyeret diri dengan susah payah dan hilang nafsu; kerana manusia menuju ke rumah yang kekal dan orang yang berkabung berkeliaran di jalan. ⁶ Ingatilah Dia sebelum rantai perak diputuskan dan pelita emas dipecahkan, sebelum tempayan dihancurkan di mata air dan roda timba pecah di perigi, ⁷ dan debu kembali ke tanah seperti asal mulanya dan roh kembali kepada Allah yang mengurniaknya.

⁸ “Segala-galanya kesia-siaan belaka”, kata Pengkhutbah. “Segala-galanya hanya sia-sia.”

Akhir kata

⁹ Pengkhutbah itu bukan sahaja bijaksana tetapi dia juga mengajarkan ilmu pengetahuan kepada umat. Dia berhati-hati mencari, menaakul, dan menyusun banyak pepatah dan peribahasa.

¹⁰ Pengkhutbah berusaha mendapat kata-kata yang menyenangkan dan secara jujur dia menulis kata-kata kebenaran. ¹¹ Itulah kata-kata orang bijaksana yang bak dorongan yang menusuk dan kata-kata para sarjana yang bagaikan paku yang tercacak teguh, pemberian Sang Gembala tunggal itu.

¹² Tambahan pula, wahai anakku, ingatlah! Tiada akhirnya seberapa banyak pun buku ditulis, dan banyak belajar sekadar memematkan badan.

¹³ Kesimpulannya, sentiasa takut kepada Allah dan patuhilah segala perintah-Nya kerana itu memang kewajiban setiap insan. ¹⁴ Allah akan mengadili setiap perbuatan, termasuk terhadap segala sesuatu yang tersembunyi, sama ada perbuatan itu baik atau jahat.

KIDUNG AGUNG

1 ¹ Kidung Agung oleh Raja Salomo.

Mempelai perempuan meluahkan kasihnya

Mempelai perempuan

² Semoga diciumnya aku dengan kecupan
bibirnya!

Kerana cumbuanmu lebih nikmat daripada
air anggur.

³ Harum urapan minyak wangimu
menggembirakan,

dan namamu bak curahan minyak wangi,
lantas betapa engkau dipuja para perawan!

⁴ Rengkuhlah aku di belakangmu! Ayuh kita
bergegas!

Aku sudah dibawa sang raja ke dalam
biliknya.

Para perawan kepada mempelai laki-laki

Meriahlah kami beriang ria kerana engkau,
kami akan menyanjung cintamu lebih
daripada air anggur.

Mempelai perempuan kepada mempelai laki-laki

Patutlah mereka cinta kepadamu!

Mempelai perempuan kepada para perawan

⁵ Memang aku hitam, tetapi elok,
wahai para puteri Yerusalem,
biarpun hitam bak khemah-khemah Kedar,
namun elok seperti tirai istana Salomo!

⁶ Usah tenung aku kerana aku hitam,
kerana panasnya suria menggelapkan
wajahku.

Anak-anak ibuku yang marah kepadaku,
menjadikan aku penjaga kebun anggur;
hinggakan kebun anggurku sendiri tidak kujaga.

⁷ Beritahu aku, wahai kekasih hatiku,
di manakah engkau menggembala domba,
di manakah engkau membiarkan kawanannya itu
berehat kala tengah hari?

Agar aku tidak tercari-cari engkau
di antara kawanannya domba para sahabatmu?

Sang kekasih kepada mempelai perempuan

⁸ Jika engkau tidak tahu,
wahai yang tercantik di antara semua
perempuan,
keluarlah mengikuti jejak kawanannya dombaku

dan gembalakanlah anak-anak kambingmu berdekatan khemah-khemah para gembala.

Kedua-dua mempelai saling memuji

Mempelai laki-laki

- ⁹ Sayangku, aku membanding engkau dengan kuda betina pada rata-rata Firaun.
- ¹⁰ Comelnya pipimu dengan perhiasan dan lehermu yang dikalungkan manik-manik.
- ¹¹ Untukmu akan kami buat perhiasan-perhiasan emas yang bertatah perak.

Mempelai perempuan

- ¹² Sementara seorang raja berada di mejanya, semerbaklah bau narwastu.
- ¹³ Bagiku kekasihku bak sebungkus damar wangi yang tersimpan di antara payudaraku.
- ¹⁴ Bagiku kekasihku bak serumpun bunga inai di kebun-kebun anggur En-Gedi.

Mempelai laki-laki

- ¹⁵ Wah, engkau sebegitu cantik, sayangku!
Wah, engkau sebegitu cantik!
Matamu bagaikan burung merpati.

Mempelai perempuan

¹⁶ Wah, engkau sebegitu tampan, kekasihku!
Sungguh menyenangkan!
Rimbun dedaun itulah langit petiduran
kita.

Mempelai laki-laki

¹⁷ Alang-alang rumah kita kayu araz,
dan kasau-kasau atap kita kayu cemara.

Bunga bakung di antara duri**Mempelai perempuan**

2 ¹ Akulah bunga mawar dari Saron,
bunga bakung di lembah-lembah.

Mempelai laki-laki

² Seperti bunga bakung di antara duri,
demikianlah sayangku di antara perawan.

Mempelai perempuan

³ Seperti pokok epal di antara pepohon hutan,
demikianlah kekasihku di antara teruna.
Aku gembira duduk di bawah naungannya,
dan kepada mulutku, buahnya terasa manis.
⁴ Dibawanya aku ke rumah perjamuan,
dengan cogan cintanya di atasku.

- ⁵ Kuatkanlah aku dengan kuih kismis,
segarkanlah aku dengan buah epal,
kerana asyik asmara melanda aku!
- ⁶ Tangan kirinya di bawah kepalaku,
dan tangan kanannya memeluk aku.
- ⁷ Dengan sungguh-sungguh aku minta
kepadamu, wahai para puteri Yerusalem,
demi kijang-kijang dan rusa-rusa betina di
padang,
jangan bangkitkan dan jangan gerakkan cinta
sebelum dikehendaknya.

Ketibaan mempelai laki-laki

Mempelai perempuan

- ⁸ Suara kekasihku!
Lihat, datanglah dia
melompat melepasi gunung-gunung,
melonjak melangkau bukit-bukit.
- ⁹ Kekasihku seumpama kijang atau rusa jantan
muda.
Lihat, dia berdiri di balik dinding kita,
mengamati-amati melalui jendela,
mengintip-intip melalui tingkap kekisi.
- ¹⁰ Bertuturlah kekasihku dan berkata kepadaku,
“Bangunlah, oh sayangku,
Juitaku, marilah!
- ¹¹ Lihatlah, musim dingin sudah berlalu,

hujan sudah teduh dan telah pergi.

¹² Bunga-bunga menampakkan diri di bumi,
masa berdendang telah tiba,
kedengaran kini kicauan burung tekukur di
bumi kita.

¹³ Pokok ara mulai berputik,
dan semerbaklah bau pokok anggur yang
berbunga.

Bangunlah, marilah, sayangku,
jelitawanku, marilah!

Mempelai laki-laki

¹⁴ Wahai merpatiku di celah-celah bukit batu,
di persembunyian pada terjal-terjal gunung,
biarlah aku tatap parasmu,
biarlah aku dengar suaramu,
kerana merdu suaramu
dan elok parasmu.

¹⁵ Tangkaplah untuk kami segala rubah itu,
rubah yang kecil-kecil,
yang merosakkan kebun-kebun anggur,
ketika kebun-kebun anggur kami sedang
berbunga.”

Mempelai perempuan

¹⁶ Kekasihku milikku, dan aku miliknya;
dia menggembala domba di antara bunga
bakung.

¹⁷ Sebelum bertiupnya angin senja
dan bayang-bayang menghilang,
kembalilah, wahai kekasihku!

Jadilah seumpama kijang
atau seumpama anak rusa di gaung-gaung
Pergunungan Beter.

Impian mempelai perempuan

3 ¹ Sepanjang malam, di katilku
kucari kekasih hatiku.

Kucari, tetapi dia tidak kutemui.

² “Aku akan bangun sekarang dan mengelilingi
kota.

Di jalan-jalan dan di tempat-tempat umum
akan kucari kekasih hatiku.”

Kucari, tetapi dia tidak kutemui.

³ Para pengawal yang mengelilingi kota
menemui aku.

“Adakah kamu melihat kekasih hatiku?”

⁴ Sejurus sesudah kulalui mereka,
aku menemui kekasih hatiku.

Kurangkul dia dan tidak kulepaskan
sampai kubawa dia ke rumah ibuku,
ke bilik orang yang mengandungkan aku.

⁵ Dengan sungguh-sungguh aku minta
kepadamu, wahai para puteri Yerusalem,
demi kijang-kijang dan rusa-rusa betina di
padang,

jangan bangkitkan dan jangan gerakkan cinta
sebelum dikehendaknya.

Tibanya rombongan mempelai laki-laki

⁶ Siapakah itu, yang muncul dari gurun
bagaikan tiang asap,
bak ombak yang harum dengan damar wangi
dan kemenyan,
daripada pelbagai serbuk wangian para
pedagang?

⁷ Lihat, itu tandu Salomo!
Enam puluh orang kesateria mengelilinginya,
daripada kalangan kesateria Israel.

⁸ Semuanya lengkap dengan pedang,
dan siap terlatih ilmu peperangan.
Masing-masing dengan pedang di pinggang,
siap menghadapi ancaman kengerian malam.

⁹ Raja Salomo membuat tandu peribadinya
daripada kayu Lebanon.

¹⁰ Dengan tiang-tiangnya daripada perak,
penyandarnya daripada emas,
dan tempat duduknya daripada kain ungu.
Bahagian dalamnya ditatah dengan kasih para
puteri Yerusalem.

¹¹ Wahai para puteri Sion, keluarlah
dan pandanglah Raja Salomo
dengan taj yang dimahkotakan oleh bondanya
pada hari pernikahannya,

pada hari kesukaan hatinya.

Mempelai laki-laki mengagumi mempelai perempuan

Mempelai laki-laki

4 ¹ Betapa cantiknya engkau, sayangku!
Betapa cantiknya!

Di balik tudungmu,

matamu bak burung merpati.

Rambutmu bak kawan k kambing

yang melompat turun dari Gunung Gilead.

² Gigimu bak kawan domba sesudah
digunting bulunya,

yang naik dari tempat pembasuhan;

semuanya beranak kembar,

tiada satu pun di antaranya yang kehilangan
anak.

³ Bibirmu bagaikan benang merah menyala,
dan mulutmu comel.

Pelipismu bagaikan buah delima merkah^w
di balik tudungmu.

⁴ Lehermu bagaikan menara Daud,

yang dibangun dengan barisan menara
kecil,

padanya tergantung seribu perisai,

^w4:3 Merkah: Juga dieja, “merekah.”

semuanya perisai para kesateria.

⁵ Kedua-dua payudaramu bak dua ekor anak rusa, dua ekor kijang kembar, yang meragut rumput di antara bunga bakung.

⁶ Sehingga muncul hari siang dan bayang-bayang menghilang, akan kupergi ke gunung damar wangi serta ke bukit kemenyan.

⁷ Engkau sama sekali cantik, sayangku, tiada cacat cela padamu.

⁸ Ayuh, datanglah bersama-samaku dari Lebanon, wahai pengantinku, datanglah bersama-samaku dari Lebanon.

Berangkatlah dari puncak Amana, dari puncak Senir dan Hermon, dari sarang-sarang singa, dari pergunungan tempat kegemaran sang harimau bintang.

⁹ Engkau telah menawan hatiku, wahai adindaku, pengantinku!
Engkau telah menawan hatiku dengan satu kerlingan mata, dengan seutas kalung pada lehermu.

¹⁰ Betapa indah cintamu, adindaku, pengantinku!
Betapa nikmat cintamu, lebih daripada air anggur;

- juga bau minyak wangimu,
lebih daripada mana-mana rempah pun!
- ¹¹ Bibirmu menitiskan madu murni, wahai
pengantinku;
Ada madu dan air susu di bawah lidahmu,
dan bau pakaianmu seperti bau Lebanon.
- ¹² Adindaku, pengantinku, sebuah taman yang
terkunci,
pancuran tertutup dan mata air termaterai.
- ¹³ Engkau dusun yang membuahkannya delima
serta semua buah terpilih,
dan inai serta narwastu,
- ¹⁴ narwastu dan kunyit, tebu wangi dan kayu
manis,
dengan segala macam pokok kemenyan,
damar wangi dan gaharu,
dan segala rempah yang terulung.
- ¹⁵ Engkaulah pancutan air di taman,
perigi air kehidupan,
dan aliran air dari Lebanon!

Mempelai perempuan dan kekasihnya

- ¹⁶ Bangunlah, wahai angin utara!
Ke marilah, wahai angin selatan!
Bertiuplah di tamanku,
agar tersebar semerbak bau rempah-
ratusnya.
Semoga kekasihku memasuki taman miliknya,

dan memakan buah-buahnya yang terulung.

Mempelai laki-laki

5¹ Aku datang ke tamanku, wahai adindaku,
pengantinku.

Kukumpulkan damar wangiku dan
rempah-ratusku,
kumakan sarang lebahku bersama dengan
maduku,
kuminum air anggurku serta susuku.

Puteri-puteri Yerusalem

Makanlah, wahai sahabat-sahabat, dan
minumlah!
Minumlah sehingga kamu mabuk cinta!

Kerinduan mempelai perempuan

Mempelai perempuan

² Aku tidur, namun hatiku masih sadar.
Dengarlah, kekasihku mengetuk-ngetuk
pintu.

“Bukankanlah aku pintu, wahai adindaku,
sayangku,
merpatiku, kekasihku yang sempurna!
Kepalaku kuyup oleh embun
dan rambutku lebat dengan titis-titis embun
malam.”

Mempelai perempuan

³ Bajuku telah kutanggalkan,

haruskah aku pakainya semula?

Kakiku telah kubasuh,

haruskah aku mengotorkannya semula?

⁴ Kekasihku memasukkan tangannya menerusi
lubang di pintu,

berdebar-debarlah hatiku kerananya.

⁵ Aku bangun untuk membuka pintu bagi
kekasihku.

Tanganku menitiskan damar wangi,
dan mengalirlah damar wangi daripada
jari-jariku

ke atas pemegang di pengancing pintu.

⁶ Kubuka pintu untuk kekasihku,

tetapi kekasihku telah berpaling dan pergi.

Hatiku terhenyak ketika dia berkata-kata.

Kucari dia, tetapi tidak kutemui;

kupanggil-panggil, tetapi dia tidak menyahut.

⁷ Para pengawal yang meronda kota menemui
aku.

Mereka memukuli aku, mereka melukai aku,
mereka merampas mantelku –
para penjaga tembok itu!

⁸ Kumohon dengan sungguh-sungguh

kepadamu, wahai para puteri Yerusalem,
jika kamu menemukan kekasihku,

sampaikanlah kepadanya
bahawa aku diserang sakit asmara!

**Mempelai perempuan
memuji mempelai laki-laki**

Puteri-puteri Yerusalem

⁹ Apakah kelebihan kekasihmu daripada kekasih
lain,
wahai yang tercantik di antara perempuan?
Apakah kelebihan kekasihmu berbanding
dengan kekasih lain,
sehingga kaumohon sangat-sangat kepada
kami?

Mempelai perempuan

¹⁰ Kekasihku itu putih kemerah-merahan,
terkemuka di antara sepuluh ribu orang.
¹¹ Kepalanya bak emas termurni,
rambutnya ikal, sehitam sang gagak.
¹² Matanya bak burung merpati di tepi saluran
air,
bermandikan susu, lengkap dalam
kecukupan.
¹³ Pipinya bagaikan hamparan rempah-ratus,
bak permatang pelbagai herba harum.
Bibirnya bak bunga bakung,
menitiskan cairan damar wangi.

¹⁴ Tangannya bak gandar emas,
bertatahkan permata topaz.

Tubuhnya bak ukiran gading,
bertatah batu nilam.

¹⁵ Kakinya bak tonggak marmar putih,
terlekap di atas alas emas murni.

Keterampilannya bak Lebanon,
terpilih sebagaimana pokok-pokok araznya.

¹⁶ Mulutnya paling manis,
ya dia sama sekali mengasyikkan.

Demikianlah kekasihku, demikianlah sahabatku,
wahai puteri-puteri Yerusalem.

Kekasih yang hilang ditemui semula

Puteri-puteri Yerusalem

6 ¹ Ke mana perginya kekasihmu,
wahai yang tercantik di antara perempuan?
Katakan ke manakah kekasihmu pergi,
agar kami dapat mencarinya bersama-
samamu?

Mempelai perempuan

² Kekasihku turun ke tamannya,
ke permatang rempah-ratusnya,
untuk menggembala domba di taman
dan memetik bunga-bunga bakung.

³ Aku milik kekasihku, dan kekasihku milikku.

Dia menggembala domba di antara bunga bakung.

Mempelai laki-laki memuji mempelai perempuan

Mempelai laki-laki

⁴ Sayangku, engkau cantik seperti Tirza,
lawa seperti Yerusalem,
hebat seperti tentera yang membawa
panji-panji.

⁵ Alihkanlah matamu daripadaku,
kerana aku tenggelam lemas dibuatnya.
Rambutmu bak kawan k kambing
yang melompat turun dari Gilead.

⁶ Gigimu bak kawan domba betina
yang baru naik dari tempat pembasuhan,
semuanya beranak kembar;
tiada satu pun di antaranya yang kehilangan
anak.

⁷ Pelipismu bagaikan buah delima merekah^x di
balik tudungmu.

⁸ Ada enam puluh orang permaisuri,
dan lapan puluh orang gundik,
dan tidak terhingga ramainya perawan.

^x6:7 Merkah: Juga dieja, "merekah."

⁹ Tetapi dialah satu-satunya merpatiku,
kekasihku yang sempurna,
dialah satu-satunya anak ibunya,
anak kesayangan orang yang melahirkannya.
Para puteri melihatnya dan menyebutnya
berbahagia,
para permaisuri dan para gundik pun
memujinya,

Puteri-puteri Yerusalem

¹⁰ “Siapakah si dia yang menjenguk bagaikan
fajar,
cantik bagaikan bulan purnama,
terang bagaikan matahari,
dan hebat lagi menaikkan semangat seperti
tentera pembawa panji-panji?”

Sang kekasih kepada mempelai perempuan

¹¹ Aku turun ke dusun kacang
untuk melihat kehijauan pepohon di lembah,
untuk melihat sama ada pokok anggur sudah
bertunas
dan sama ada pokok-pokok delima sudah
berbunga.

¹² Di bawah sedarku,
angan-anganku membawa aku
mengenderai rata-rata kaum bangsawan.

Puteri-puteri Yerusalem

¹³ Kembalilah, kembalilah, wahai gadis Sulam!
Kembalilah, kembalilah, supaya kami dapat
melihatmu.

Mempelai laki-laki

Mengapa perlu kamu melihat si gadis Sulam itu
seperti melihat tari-tarian Mahanaim?

Puteri bangsawan

7 ¹ Betapa indah kakimu yang berkasut itu,
wahai puteri bangsawan!
Lengkok pahamumu bak permata,
karya tangan seorang seniman.
² Pusatmu bak mangkuk yang bulat,
yang tidak pernah tiada air anggurnya.
Perutmu bak timbunan gandum,
yang dipagari bunga-bunga bakung.
³ Kedua-dua payudaramu bak dua ekor anak
rusa,
dua ekor kijang kembar.
⁴ Lehermu bak menara gading.
Matamu laksana kolam-kolam di Hesbon,
berdekatan pintu gerbang Batrabim.
Hidungmu bak menara Lebanon
yang menghadap ke arah Damsyik.

⁵ Kepalamu mempertajuk dirimu laksana Karmel.

Mengurai rambutmu bak kain ungu,
tertawan sang raja di dalam kepong-
kepongnya.

Kenikmatan cinta

Mempelai perempuan nyatakan kasihnya

⁶ Betapa cantiknya engkau dan betapa menyenangkan,
wahai tercinta di antara segala yang disayangi!

⁷ Perawakanmu seumpama pokok kurma,
dan payudaramu bak tandan buahnya.

⁸ Kataku, "Aku akan memanjat pokok kurma itu
dan memegang pelepah dan tangkai buahnya.

Semoga payudaramu menjadi seperti tandan buah anggur,

dan harum nafasmu seperti buah epal,

⁹ dan mulutmu seperti air anggur yang terbaik."

Mempelai perempuan

Jika demikian, semoga air anggur itu mengalir langsung kepada kekasihku,
meluncur perlahan-lahan pada bibir kami yang tidur.

- ¹⁰ Aku milik kekasihku,
kepadaku hasratnya tertuju.
- ¹¹ Mari, kekasihku, kita keluar ke padang,
bermalam di perkampungan.
- ¹² Ayuh kita ke kebun anggur pagi-pagi lagi,
melihat kalau-kalau pokok anggur sudah
bertunas,
sama ada sudah mekar bunganya,
dan kiranya pokok-pokok delima sudah
berbunga.
Di sanalah akan kuberikan cintaku kepadamu!
- ¹³ Semerbak bau akar mandragora,
dan di pintu kita ada segala jenis
buah-buahan pilihan,
baik baru mahupun lama,
yang telah kusimpan untukmu, wahai
kekasihku!

Nyanyian rindu kekasih

- 8** ¹ Ah, seandainya engkau saudara laki-lakiku,
yang pernah menyusui payudara ibuku!
Jika kutemui engkau di luar, akan kucium
engkau,
dan tiada seorang pun akan menghina aku.
- ² Aku akan menuntun engkau dan membawa
engkau
ke rumah ibuku – orang yang telah mendidik
aku.

Aku akan memberimu minum air anggur
bercampur rempah-ratus,
sari buah delimaku.

³ Tangan kirinya di bawah kepalaku,
dan tangan kanannya memeluk aku.

⁴ Dengan sungguh-sungguh aku minta
kepadamu, wahai para puteri Yerusalem,
jangan bangkitkan dan jangan gerakan cinta
sebelum dikehendaknya.

Bangkitnya cinta

Puteri-puteri Yerusalem

⁵ Siapakah itu, yang muncul dari gurun,
yang bersandar pada kekasihnya?

Mempelai perempuan

Di bawah pokok epal kubangunkan engkau.
Di sanalah ibumu sakit bersalin kerana
engkau,
di sanalah ia sakit bersalin dan melahirkan
engkau.

⁶ Simpanlah aku sebagai materai dalam hatimu,
bagai materai pada lenganmu.
Kerana cinta itu sekuat kematian,
dan cemburu itu sebengis alam barzakh.
Keghairahannya bagai api ternyala,
nyala api Tuhan.

⁷ Air yang meluap pun tidak mampu
memadamkan cinta,
banjir juga tidak berdaya
menenggelamkannya.

Seseorang yang memberikan segala harta
benda rumahnya demi cinta
tawarannya juga akan hanya dihina.

Mempelai perempuan dan adiknya

Puteri-puteri Yerusalem

⁸ Kami mempunyai seorang adik perempuan
yang belum tampak payudaranya.

Apakah yang harus kami lakukan untuk adik
kami itu
pada hari ia dipinang?

⁹ Jika dia tembok,
akan kami bina menara perak di atasnya.
Jika dia pintu,
akan kami pagarnya dengan papan kayu araz.

Mempelai perempuan

¹⁰ Dulu aku ini tembok,
dan payudaraku bak menara berkubu.
Lalu di matanya aku bagaikan orang
yang menemukan kedamaian.

¹¹ Salomo ada kebun anggur di Baal-Hamon.

Diserahkannya kebun anggur itu kepada para penjaga.

Masing-masing harus membawa seribu keping perak sebagai hasilnya.

¹² Kebun anggurku, milikku sendiri, ada di hadapanku.

Seribu keping itu bagimu, wahai Salomo, dan dua ratus keping bagi para penjaga hasilnya.

Kedua-dua mempelai bersahut-sahutan

Mempelai laki-laki

¹³ Wahai engkau, yang duduk di taman, para sahabatku memperhatikan suaramu. Biarlah aku pun mendengarnya!

Mempelai perempuan

¹⁴ Bersegeralah, wahai kekasihku, jadilah seperti kijang atau seperti anak rusa di atas pergunungan rempah-ratus.

YESAYA

1 ¹ Penglihatan tentang Yehuda dan Yerusalem yang disaksikan Yesaya anak Amos pada zaman pemerintahan Uzia, Yotam, Ahas, dan Hizkia, raja-raja Yehuda.

Pengaduan tentang bangsa yang tidak setia

² Dengarlah, wahai langit, dan perhatikanlah, wahai bumi,

kerana Tuhan berfirman,

“Aku telah membesarkan anak-anak dan mengasuh mereka,

tetapi mereka menderhaka terhadap Aku.

³ Lembu mengenal pemiliknya

dan keldai mengenal tuan pemilik kandangnya,

tetapi Israel tidak tahu;

umat-Ku tidak faham.”

⁴ Wahai bangsa yang berdosa,

umat yang sarat dengan kesalahan,

keturunan yang berbuat jahat,

1:1 a: 2Raj 15:1-7; 2Taw 26:1-23; **b:** 2Raj 15:32-38; 2Taw 27:1-9; **c:** 2Raj 16:1-20; 2Taw 28:1-27; **d:** 2Raj 18:1—20:21; 2Taw 29:1—32:33.

anak-anak yang telah runtuh akhlak!
Mereka meninggalkan Tuhan,
menista Yang Maha Suci, Allah Israel, dan
berpaling membelakangi Dia.

⁵ Mengapa kamu mahu dipalu lagi?

Mengapa kamu terus memberontak?
Seluruh kepala sakit dan sudah sebegitu jerih
seluruh hatimu.

⁶ Dari telapak kaki sampai kepala tidak ada yang
sihat,

hanya luka, bilur, dan cedera baru yang
belum diurut,
belum dibalut, dan belum diubati dengan
minyak.

⁷ Negerimu menjadi sunyi sepi,
kota-kotamu terbakar hangus.

Tanahmu dimakan habis orang asing di hadapan
matamu.

Sunyi sepi, seperti ditunggangbalikkan oleh
orang asing.

⁸ Puteri Sion ditinggalkan

seperti pondok di kebun anggur,
seperti gubuk di kebun mentimun,
dan seperti kota yang terkepung.

⁹ Jika Tuhan alam semesta,

tidak meninggalkan beberapa orang yang
terselamat bagi kita,
tentu kita sudah menjadi seperti Sodom dan
tentu kita seperti Gomora.

**Bertaubat lebih baik daripada
mempersembahkan korban**

¹⁰ Dengarlah firman Tuhan,
wahai para pemimpin Sodom!
Perhatikanlah hukum Allah kita,
wahai penduduk Gomora!

¹¹ “Apakah ertinya bagi-Ku korban
sembelihanmu yang banyak itu?”
demikianlah firman Tuhan.

“Aku jemu dengan korban bakaran berupa
domba jantan dan lemak daripada
ternakan yang tambun.

Aku tidak berkenan kepada darah lembu,
domba, dan kambing jantan.

¹² Apabila kamu datang menghadap hadirat-Ku,
siapakah yang menuntut hal itu daripadamu
sehingga kamu menginjak-injak halaman
rumah-Ku?

¹³ Jangan lagi membawa persembahan yang
sia-sia.

Dupamu itu keji bagi-Ku,

begitu pula perayaan bulan baru, hari Sabat,
dan penghimpunan jemaahmu.

Aku tidak mahu terus melihat perayaanmu
yang bergelumang dengan dosa itu.

¹⁴ Hati-Ku membenci perayaan bulan-bulan
baru dan hari-hari perayaanmu.

Semua itu menyusahkan bagi-Ku,
Aku tidak boleh bersabar lagi.

¹⁵ Apabila kamu menadahkan tanganmu untuk
berdoa,

Aku akan mengalihkan pandangan-Ku
daripadamu.

Bahkan sekalipun kamu menggandakan doamu,
Aku tidak mahu mendengar.

Tanganmu berlumuran darah.

¹⁶ Basuhlah, bersihkanlah dirimu!

Jauhkanlah perbuatanmu yang jahat daripada
pandangan-Ku.

Berhentilah berbuat jahat,

¹⁷ belajarlah berbuat baik.

Tuntutlah keadilan,

tegurlah orang yang zalim.

Belalah hak anak-anak yatim,

perjuangkanlah hak-hak balu.

¹⁸ "Marilah kita berperkara,"

demikianlah firman Tuhan.

"Sekalipun dosa-dosamu seperti kain merah
tua,

semuanya akan menjadi putih seperti salji;
sekalipun merah seperti kesumba,
semuanya akan menjadi seperti bulu domba.
19 Jika kamu ikhlas dan taat,
kamu akan memakan hasil yang baik dari
negeri ini.
20 Tetapi jika kamu menolak dan menderhaka,
kamu akan dimakan habis oleh pedang.”
Sungguh, Tuhan sendiri telah berfirman.

Hukuman terhadap Yerusalem

21 Betapa kota yang dahulu setia telah menjadi
sundal!
Dahulu penuh keadilan, perbenaran^y tinggal
di dalamnya,
tetapi sekarang menjadi tempat pembunuh.
22 Perakmu telah berubah menjadi kotoran
perak,
anggurmu bercampur air.
23 Para penguasamu ialah pemberontak
dan sahabat para pencuri.
Semuanya mencintai rasuah
dan mengejar-ngejar ganjaran.
Mereka tidak membela hak anak-anak yatim,

^y1:21 Perbenaran: Juga merangkumi makna kejujuran dan ketulusan.

dan perkara balu tidak sampai kepada mereka.

²⁴ Oleh sebab itu demikianlah firman Tuhan,
Tuhan alam semesta,

Yang Maha Kuasa, Allah Israel,

“Ha, Aku akan melampiaskan dendam-Ku
kepada seteru-Ku

dan melakukan pembalasan terhadap
musuh-Ku.

²⁵ Aku akan bertindak melawan engkau.

Aku akan membersihkan kotoran perakmu
dengan garam abu

dan menyingkirkan segala timahmu.

²⁶ Aku akan mengembalikan para hakimmu
seperti dahulu dan para penasihatmu
seperti semula.

Setelah itu, engkau akan disebut kota yang
benar, kota yang setia.”

²⁷ Sion akan ditebus dengan keadilan,
dan para umatnya yang bertaubat dengan
perbenaran.

²⁸ Tetapi kalangan yang mungkar dan yang
berdosa akan dihancurkan bersama-sama,
dan kalangan yang meninggalkan Tuhan akan
musnah.

²⁹ Sesungguhnya, kamu akan malu kerana
pokok oak yang kamu inginkan.

Kamu akan mendapat cela kerana
taman-taman berhala yang kamu pilih.

³⁰ Kerana kamu akan menjadi seperti pokok oak
yang layu daunnya,
dan seperti taman yang tidak berair.

³¹ Yang kuat akan menjadi seperti helaian rami,
sedangkan hasil kerjanya seperti bunga api.
Kedua-duanya akan terbakar bersama-sama,
tanpa ada yang dapat memadamkannya.

Kerajaan damai

2 ¹ Firman yang dinyatakan kepada Yesaya anak
Amos tentang Yehuda dan Yerusalem.

² Pada hari-hari terakhir, gunung tempat Bait
Tuhan

akan ditegakkan sebagai puncak semua gunung
dan akan ditinggikan melebihi bukit-bukit.
Semua bangsa akan berduyun-duyun ke sana.

³ Banyak suku akan datang dan berkata,
“Mari kita naik ke gunung Tuhan,
ke Rumah Allah Yakub.

Dia akan mengajar jalan-jalan-Nya kepada kita,
sehingga kita dapat melangkah di jalan-jalan-
Nya.”

Sememangnya, hukum akan keluar dari Sion,
dan firman Tuhan dari Yerusalem.

⁴ Dia akan menjadi hakim antara bangsa-bangsa dan akan memutuskan perkara bagi banyak suku bangsa.

Mereka akan menempa pedang mereka menjadi mata bajak, dan tombak mereka menjadi pisau pemangkas. Bangsa tidak akan lagi mengangkat pedang terhadap bangsa, dan mereka tidak akan lagi belajar berperang.

⁵ Wahai keturunan kaum Yakub, mari kita berjalan dalam cahaya Tuhan.

Hukuman Allah terhadap mereka yang meninggikan diri

⁶ Sungguh, Engkau telah meninggalkan umat-Mu, keturunan kaum Yakub, kerana mereka dipenuhi tahyul dari Timur. Mereka menjadi peramal seperti orang Filistin, dan berjabat tangan dengan orang kafir.

⁷ Negeri mereka penuh perak dan emas, dan harta mereka tidak habis-habis.

Negeri mereka penuh dengan kuda, rata mereka tidak habis-habis.

⁸ Negeri mereka penuh berhala.

Mereka sujud menyembah hasil buatan tangan sendiri,

barang yang dibuat oleh jari-jari sendiri.

⁹ Maka manusia hina ditundukkan dan orang mulia direndahkan –

Jangan mengampuni mereka!

¹⁰ Masuklah ke celah-celah batu pejal dan bersembunyilah di bawah tanah daripada kedahsyatan Tuhan dan semarak keagungan-Nya!

¹¹ Manusia yang sombong akan direndahkan dan orang yang angkuh akan ditundukkan. Hanya Tuhan sahaja yang akan ditinggikan pada hari itu.

¹² Sungguh, Tuhan alam semesta, menetapkan satu hari pembalasan bagi semua orang yang sombong dan bongkak, bagi semua orang yang meninggikan diri, supaya mereka direndahkan;

¹³ bagi semua pokok araz di Lebanon yang tinggi dan menjulang;

bagi semua pokok oak di Basan;

¹⁴ bagi semua gunung yang tinggi;

bagi semua bukit yang menjulang;

¹⁵ bagi semua menara yang tinggi;

bagi semua tembok yang berkubu;

¹⁶ bagi semua kapal Tarsis;

dan bagi semua kapal yang indah.

¹⁷ Manusia yang sombong akan ditundukkan,
dan orang yang bongkak akan direndahkan.
Hanya Tuhan sahaja yang akan ditinggikan pada
hari itu,

¹⁸ sedangkan berhala-berhala akan hilang sama
sekali.

¹⁹ Orang akan masuk ke dalam gua-gua di batu
pejal

dan ke dalam lubang-lubang di bawah tanah,
menghindari kemurkaan Tuhan
dan semarak keagungan-Nya

apabila Dia bangkit menggemparkan bumi.

²⁰ Pada hari itu manusia akan melemparkan
berhala perak dan berhala emas yang
dibuat mereka untuk disembah,
kepada tikus mondok dan kelawar.

²¹ Orang akan masuk ke dalam rongga-rongga
di batu pejal dan ke dalam celah-celah di
bukit batu,

menghindari kedahsyatan Tuhan
dan semarak keagungan-Nya

apabila Dia bangkit menggemparkan bumi.

²² Berhentilah meletakkan kehebatan kepada
manusia,

sebab manusia sekadar hembusan nafas.

Apa sesungguhnya nilainya?

Hukuman terhadap orang yang menyesatkan bangsa

3 ¹ Sesungguhnya, Tuhan, Allah alam semesta,
akan menyingkirkan dari Yerusalem dan dari
Yehuda

baik penunjang mahupun penopang,
iaitu semua bekalan makanan dan air,

² kesateria dan pejuang,
pengadil dan nabi,
penenung dan tua-tua,

³ pemimpin pasukan lima puluh dan orang
terhormat, penasihat dan tukang-tukang
yang pandai,
serta ahli mantera.

⁴ Aku akan mengangkat para pemuda biasa
menjadi pemimpin mereka,
dan anak-anak yang tidak mantap akan
berkuasa atas mereka.

⁵ Bangsa itu akan saling menindas,
seorang terhadap seorang,
satu terhadap yang lain.

Anak-anak akan berlaku kurang ajar terhadap
orang tua,

dan orang hina menentang orang mulia.

⁶ Sesungguhnya, seseorang akan memegang
saudaranya di rumah ayahnya dan berkata,
“Engkau masih punya pakaian,

jadilah pemimpin kami!
Biarlah reruntuhan ini di bawah kuasamu.”

⁷ Tetapi pada waktu itu dia akan berseru
demikian,

“Aku tidak mahu menjadi penolong.

Di rumahku tidak ada roti dan tidak ada
pakaian.

Jangan angkat aku jadi pemimpin bangsa!”

⁸ Sungguh, Yerusalem telah tersandung
dan Yehuda telah jatuh,

kerana percakapan serta perbuatan mereka
menentang Tuhan,

menderhaka terhadap hadirat-Nya yang mulia.

⁹ Air muka mereka menjadi saksi bagi mereka.
Mereka mempamerkan dosa-dosa mereka
seperti Sodom,

bukannya menyembunyikannya.

Malangnya orang itu,

kerana mereka mendatangkan malapetaka
kepada diri mereka sendiri!

¹⁰ Katakanlah kepada orang benar

bahawa keadaan mereka akan baik,

kerana mereka akan menikmati hasil pekerjaan
mereka.

¹¹ Malangnya orang fasiq!

Malapetaka akan menimpa mereka,

kerana perbuatan mereka akan dibalas kepada
mereka sendiri.

¹² Umat-Ku ditindas oleh anak-anak,
dan perempuan-perempuan berkuasa atas
mereka.

Wahai umat-Ku, para pemimpinmu yang
membawa penyesatan,
mereka mengelirukan arah tujuanmu.

¹³ Tuhan mengambil tempat untuk menuntut,
dan berdiri untuk menghakimi suku-suku
bangsa.

¹⁴ Tuhan datang untuk berperkara dengan para
tua-tua dan para penguasa umat-Nya,
“Kamulah yang memusnahkan kebun anggur
itu!

Rampasan daripada orang miskin ada di
rumahmu.

¹⁵ Apa maksudmu meremukkan umat-Ku dan
menggilas muka orang miskin?”

demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta.

Hukuman Allah terhadap wanita yang sombong

¹⁶ Tuhan berfirman,

“Atas sebab puteri-puteri Sion sombong,
berjalan dengan leher dijenjangkan
sambil bermain mata,
berjalan dengan langkah dibuat-buat
sambil membunyikan kerincing kaki mereka,

¹⁷ maka Tuhan akan membuat ubun-ubun
puteri Sion berkudis,

dan Tuhan akan menyingkapkan aurat mereka.”

¹⁸ Pada hari itu Tuhan akan menyingkirkan perhiasan-perhiasan mereka, yaitu gelang kaki, ikat kepala, kalung bulan-bulanan, ¹⁹ anting-anting, gelang tangan, kerudung, ²⁰ perhiasan kepala, rantai perhiasan kaki, ikat pinggang, kotak minyak wangi, azimat, ²¹ cincin, anting-anting hidung, ²² pakaian pesta, jubah, selendang, tas tangan, ²³ cermin, pakaian linen, serban, dan cadar.

²⁴ Maka akan ada bau busuk sebagai ganti rempah-rempah harum, seutas tali sebagai ganti ikat pinggang, kepala gondol sebagai ganti rambut yang terbentuk rapi, kain kabung sebagai ganti jubah mahal, dan luka bakar sebagai ganti kecantikan.

²⁵ Kaum lelakimu akan tewas oleh pedang, dan para kesateriamu gugur dalam peperangan.

²⁶ Pintu-pintu gerbang Sion akan mengeluh serta berkabung

dan dalam kehampaan ia akan duduk di tanah.

4 ¹ Pada waktu itu, tujuh orang perempuan akan memegang seorang lelaki sambil berkata,

“Kami akan menanggung makanan kami sendiri dan menyediakan pakaian kami sendiri, hanya izinkanlah kami menggunakan namamu.

Hapuskanlah aib kami.”

Yerusalem disucikan dan dilindungi

² Pada waktu itu, Tunas yang ditumbuhkan Tuhan akan menjadi indah dan mulia, serta hasil tanah akan menjadi kebanggaan serta kehormatan bagi orang Israel yang terselamat.

³ Orang yang tersisa di Sion dan yang tertinggal di Yerusalem akan disebut suci, iaitu semua orang yang tercatat antara mereka yang hidup di Yerusalem.

⁴ Hal itu terjadi apabila Tuhan membasuh kekotoran puteri-puteri Sion dan membersihkan segala noda darah dari tengah-tengah Yerusalem dengan roh penghukum dan roh pembakar.

⁵ Di atas seluruh tempat di Gunung Sion dan di atas orangnya yang berjemaah, Tuhan akan menciptakan awan serta asap pada siang hari dan cahaya api yang menyala pada malam hari. Sungguh, di atas semua itu kemuliaan akan menjadi suatu tudung

⁶ dan suatu pondok sebagai tempat bernaung daripada panas terik siang, sebagai tempat berlindung, dan sebagai tempat berteduh daripada angin ribut serta hujan.

Nyanyian tentang kebun anggur

5 ¹ Biarlah aku menyanyi tentang kekasihku,
nyanyian kekasihku tentang kebun
anggurnya:

Kekasihku mempunyai kebun anggur di bukit
yang subur.

² Dia mencangkulnya, membuang batu-
batunya, dan menanam pokok anggur
pilihan.

Dia mendirikan sebuah menara tinjau di
tengah-tengahnya, dan juga membuat
tempat pemerasan anggur di dalamnya.

Dia menantikan kebun itu menghasilkan buah
anggur yang baik, tetapi yang dihasilkan
hanya buah anggur masam.

³ “Sekarang, wahai penduduk Yerusalem dan
orang Yehuda,
putuskanlah perkara antara Aku dengan kebun
anggur-Ku.

⁴ Apa lagi yang dapat dilakukan untuk kebun
anggur-Ku,
yang belum Kulakukan terhadapnya?
Bukankah Aku menanti kebun itu menghasilkan
buah anggur yang baik,

mengapakah yang dihasilkannya buah anggur
masam?

⁵ Maka sekarang Aku mahu memberitahu kamu
apa yang hendak Kulakukan terhadap kebun
anggur-Ku:

Aku akan membuang pagarnya sehingga kebun
itu dimakan habis.

Aku hendak membongkar temboknya sehingga
kebun itu diinjak-injak.

⁶ Aku hendak menjadikannya tandus,
tidak dipangkas atau dicangkul lagi,
sehingga duri dan onak tumbuh di dalamnya.
Aku akan memerintahkan awan agar tidak
menurunkan hujan ke atasnya.”

⁷ Sesungguhnya, kebun anggur Tuhan alam
semesta,
ialah keturunan kaum Israel,
dan orang Yehuda ialah tanaman kesukaan-Nya.
Dinantikan-Nya keadilan,
tetapi hanya ada penumpahan darah.
Dinantikan-Nya perbenaran,²
tetapi hanya ada jerit penderitaan.

²5:7 Perbenaran: Dalam bahasa Ibrani, ‘tsedaqah’
membawa makna ketulusan, kejujuran dan kebaikan.

Peringatan tentang pelbagai keburukan

⁸ Malangnya orang yang merampas rumah
demi rumah
dan meraup ladang demi ladang,
sehingga tidak ada lagi tempat tersisa
dan hanya kamu yang tinggal di tengah-tengah
negeri itu.

⁹ Tuhan alam semesta, berfirman tepat pada
pendengaranku,

“Sesungguhnya, banyak rumah akan menjadi
sunyi.

Rumah-rumah yang besar dan indah tidak akan
berpenguji.

¹⁰ Kebun anggur seluas sepuluh pembajakan
hanya akan menghasilkan satu bat anggur,
dan satu homer^a benih hanya akan
menghasilkan satu efa^b gandum.”

¹¹ Malangnya mereka yang bangun pagi-pagi
untuk mencari minuman keras,
dan yang membuang masa sampai malam
untuk menghangatkan diri dengan air
anggur!

^a5:10 homer: Satu homer kira-kira 220 liter.

^b5:10 Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter.

¹² Kecapi, gambus, rebana, seruling, dan air anggur ada dalam jamuan-jamuan mereka, tetapi mereka tidak mengendahkan pekerjaan Tuhan

ataupun memperhatikan perbuatan tangan-Nya.

¹³ Oleh sebab itu umat-Ku harus diangkut ke tempat pembuangan,

kerana mereka kurang pengertian.

Orang yang mulia dalam kalangan mereka kelaparan

dan khalayak ramainya merana kehausan.

¹⁴ Oleh sebab itu alam kubur memperbesar nafsunya

dan mengangakan mulutnya tanpa batas, sehingga ke dalamnya turun semarak

Yerusalem, khalayak ramainya, keriuhan temasyanya, dan orangnya yang bersuka ria.

¹⁵ Maka manusia ditundukkan dan orang direndahkan.

Mata orang sombong direndahkan.

¹⁶ Tetapi Tuhan alam semesta, akan ditinggikan dalam keadilan, dan Allah Yang Maha Suci akan menyatakan kesucian-Nya dalam perbenaran-Nya.

¹⁷ Lalu domba akan meragut rumput di situ
seperti di padangnya sendiri,
dan pendarang akan makan di reruntuhan
gedung orang kaya.

¹⁸ Malangnya mereka yang menyeret kesalahan
dengan tali kesia-siaan,
dan dosa seperti dengan tali pedati,

¹⁹ yang berkata, “Biarlah Allah bersegera dan
menyegerakan tindakan-Nya
supaya kita dapat melihatnya!

Biarlah rancangan Yang Maha Suci, Allah Israel,
semakin dekat dan terlaksana supaya kita dapat
mengetahuinya!”

²⁰ Malangnya mereka yang menyebut kejahatan
itu baik

dan kebaikan itu jahat,
yang mengubah kegelapan jadi cahaya
dan cahaya menjadi kegelapan,
yang mengubah pahit jadi manis
dan manis jadi pahit.

²¹ Malangnya mereka yang bijak menurut
pandangan sendiri

dan yang pandai menurut diri sendiri.

²² Malangnya mereka yang jaguh minum air
anggur,

dan juara mencampurkan minuman keras,

²³ yang membenarkan orang fasiq kerana
rasuah

dan menjauhkan keadilan daripada orang benar.

²⁴ Oleh sebab itu seperti lidah api melahap tunggul jerami,

dan seperti rumput kering habis dalam nyala api,

demikian pula akar-akar mereka akan menjadi seperti barang busuk,

dan bunga-bunga mereka berterbangan seperti debu,

kerana mereka menolak hukum Tuhan alam semesta,

dan menista firman Yang Maha Suci, Allah Israel.

Bangsa asing sebagai alat murka Allah

²⁵ Oleh sebab itu murka Tuhan menyala-nyala terhadap umat-Nya,

dan Dia menghulurkan tangan-Nya

terhadap mereka dan memukul mereka.

Gunung-gunung bergetar

dan mayat-mayat mereka menjadi seperti kotoran di tengah-tengah jalan.

Meskipun semua ini terjadi,

belum juga murka-Nya surut,

dan tangan-Nya masih tetap terhulur.

²⁶ Dia akan mengangkat panji-panji bagi bangsa-bangsa yang jauh,

dan memberikan isyarat supaya mereka datang
dari hujung-hujung bumi.

Lihatlah, mereka datang dengan segera dan
cepat!

²⁷ Antara mereka tiada seorang pun kelelahan
atau tersandung,

tiada seorang pun mengantuk atau tertidur.

Ikat pinggang mereka tidak terlepas
dan tali kasut mereka tidak terputus.

²⁸ Anak-anak panah mereka tajam
dan semua busur mereka dilenturkan.

Kuku-kuku kuda mereka tampak seperti batu
api,

dan roda-roda rata mereka seperti angin puting
beliung.

²⁹ Ngauman mereka seperti singa betina.

Mereka mengaum seperti singa-singa muda,
mereka menggeram dan menerkam
mangsanya,

lalu membawanya lari tanpa ada yang dapat
menyelamatkannya.

³⁰ Pada hari itu, mereka akan menggeram
terhadap mangsanya seperti deruan laut.

Kalau orang memandang negeri itu,
tampaklah kegelapan dan kesesakan.

Cahaya pun menjadi gelap oleh awan-awan!

Yesaya diutus Allah

6¹ Pada tahun kemangkatan Raja Uzia, aku melihat Tuhan bersemayam di takhta-Nya yang tinggi dan menjulang. Hujung jubah-Nya memenuhi Bait Suci.² Para malaikat serafim berdiri di sebelah atas-Nya, masing-masing memiliki enam sayap, dengan dua sayap menudungi wajah mereka, dua sayap yang lain mereka menudungi kaki mereka, dan dengan dua lagi sayap itulah mereka terbang.³ Mereka saling berseru, katanya,

“Suci, suci, sucilah Tuhan alam semesta!

Seluruh bumi penuh dengan kemuliaan-Nya!”

⁴ Maka bergoyanglah alas ambang pintu kerana suara malaikat yang berseru itu, dan Bait itu pun dipenuhi asap.

⁵ Lalu kataku, “Malangnya aku! Aku binasa! Sebabnya aku seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir. Namun demikian, mataku telah melihat Sang Raja, Tuhan alam semesta!”

⁶ Kemudian satu daripada para malaikat serafim itu terbang ke arahku dengan membawa bara api yang diambilnya dengan penyepit dari atas

6:1: 2Raj 15:7; 2Taw 26:23. **6:3:** Why 4:8.

6:4: Why 15:8.

mazbah. ⁷ Lalu disentuhinya bara itu pada mulutku dan berkata, “Lihat, ini telah menyentuh bibirmu, maka kesalahanmu telah dihapuskan dan dosamu telah diampunkan.”

⁸ Setelah itu, kudengar suara Tuhan berfirman, “Siapakah yang akan Kuutus? Siapakah yang mahu pergi bagi kita?”

Maka kataku, “Ini aku, utuslah aku!”

⁹ Firman-Nya, “Pergilah dan katakanlah kepada bangsa ini,

‘Mendengar terus, tetapi tidak mengerti.

Melihat terus, tetapi tidak mengetahui’

¹⁰ Buntukanlah hati bangsa ini,

pekakkanlah telinga mereka,

dan pejamkanlah mata mereka,

supaya mereka tidak melihat dengan mata,

mendengar dengan telinga,

dan mengerti dengan hati,

lalu berpaling dan disembuhkan.”

¹¹ Lalu aku bertanya, “Sampai berapa lama, ya Tuhan?”

Jawab-Nya,

“Sampai kota-kota runtuh,

tidak berpenduduk lagi,

sehingga di rumah-rumah tidak ada penghuni lagi

dan tanah itu menjadi tandus serta sunyi sepi.

¹² Tuhan akan memindahkan manusia jauh-jauh,

sehingga ada banyak tempat terbengkalai di tengah-tengah negeri itu.

¹³ Kalau masih tertinggal sepersepuluh daripada mereka,

maka mereka itu akan dimusnahkan pula.

Tetapi seperti pokok jejawi dan pokok oak yang tertinggal tunggulnya setelah ditebang, demikianlah benih yang suci itu akan menjadi tunggulnya.”

Yesaya dan Raja Ahas

7 ¹ Pada zaman Ahas anak Yotam anak Uzia, raja Yehuda, majulah Rezin, raja Aram, dan Pekah anak Remalya, raja Israel, ke Yerusalem untuk memerangi kota itu. Namun begitu, mereka tidak dapat mengalahkannya.

² Apabila diberitahukan kepada keturunan kaum Daud, “Orang Aram bersekutu dengan orang Efraim,” maka gementarlah hati raja dan hati rakyatnya, seperti pokok di hutan yang digoyangkan angin.

³ Kemudian Tuhan berfirman kepada Yesaya, “Keluarlah engkau bersama-sama anakmu Syear Yasyub dan temuilah Ahas di hujung saluran kolam atas, di jalan raya yang menuju Padang Para Dobi. ⁴ Katakanlah kepadanya, ‘Mantapkanlah hatimu dan tenanglah. Jangan takut dan jangan tawar hati kerana dua puntung kayu bakar yang berasap ini, iaitu panasnya amarah Rezin bersama orang Aram, dan anak Remalya. ⁵ Orang Aram bersama orang Efraim dan anak Remalya memang telah merancangkan kejahatan terhadap engkau. Mereka berkata, ⁶ “Mari kita maju menyerang Yehuda, membuatnya ketakutan, dan menaklukkannya bagi kita, lalu kita mengangkat anak Tabeel sebagai raja di tengah-tengahnya.” ⁷ Akan tetapi, beginilah firman Tuhan Allah, “ ‘Hal itu tidak akan terlaksana dan tidak akan terjadi, ⁸ kerana kepala Aram ialah Damsyik, dan kepala Damsyik ialah Rezin. Dalam enam puluh lima tahun, Efraim akan terpecah belah sehingga tidak lagi menjadi satu bangsa. ⁹ Kepala Efraim ialah Samaria, dan kepala Samaria ialah anak Remalya. Jika kamu tidak percaya, maka tentu kamu tidak akan kekal teguh.’ ”

Pemberitaan mengenai Immanuel

¹⁰ Tuhan berfirman lagi kepada Ahas,
¹¹ “Mintalah suatu tanda daripada Tuhan, Allahmu, entah dari tempat yang terdalam atau dari tempat yang tertinggi di atas.”

¹² Tetapi Ahas berkata, “Aku tidak mahu meminta. Aku tidak mahu menguji Tuhan.”

¹³ Kata Nabi Yesaya, “Dengarlah, wahai keturunan kaum Daud! Belum cukupkah kamu menguji kesabaran manusia, sehingga kamu mahu menguji kesabaran Allahku juga? ¹⁴ Oleh sebab itu Tuhan sendiri akan memberikan tanda kepadamu: Sesungguhnya, seorang anak dara akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia akan menamainya Immanuel.

¹⁵ Anak itu akan makan dadih dan madu sampai dia tahu menolak yang jahat dan memilih yang baik. ¹⁶ Tetapi sebelum anak itu tahu menolak yang jahat dan memilih yang baik, negeri yang kedua-dua orang raja yang kautakuti itu akan ditinggalkan.

¹⁷ Tuhan akan mendatangkan kepadamu, kepada rakyatmu, dan kepada kaum keluargamu suatu zaman yang belum pernah ada sejak zaman

Efraim berpisah daripada Yehuda – Dia akan mendatangkan raja Asyur.”

¹⁸ Pada waktu itu Tuhan akan memberikan isyarat supaya lalat yang ada di hulu anak-anak sungai Mesir datang, begitu pula lebah yang ada di Tanah Asyur. ¹⁹ Semuanya akan datang dan tinggal di lembah-lembah yang curam, di celah-celah bukit batu, di segala semak duri, dan di segala lopak berair.

²⁰ Pada hari itu, Tuhan akan menggunakan pisau cukur yang disewa dari seberang Sungai Efrat, iaitu raja Asyur, untuk mencukur rambut dan bulu kaki. Pisau itu pun akan memangkas janggut.

²¹ Pada hari itu, orang akan memelihara seekor lembu betina muda dan dua ekor domba.

²² Kerana banyaknya air susu yang dihasilkan, mereka akan makan dadih. Sungguh, dadih dan madu akan dimakan oleh semua orang yang tertinggal dalam negeri itu.

²³ Pada hari itu, setiap tempat yang dahulu ditumbuhi seribu batang pokok anggur yang berharga seribu keping perak akan menjadi tempat duri dan onak. ²⁴ Orang akan datang ke sana dengan anak-anak panah dan busur, kerana seluruh negeri itu tertutup oleh duri dan onak.

²⁵ Gunung mana-mana pun yang dahulu digarap dengan cangkul tidak akan kaukunjungi kerana

takut kepada duri dan onak. Semua itu hanya akan menjadi tempat melepaskan lembu dan tempat domba berkeliaran.

Anak nabi sebagai tanda

8¹ Tuhan berfirman kepadaku, “Ambillah sebuah batu tulis yang besar dan pahatkanlah di atasnya dengan huruf-huruf biasa: Maher-Syalal Has-Bas.”² Maka aku memanggil saksi-saksi yang dapat dipercayai untuk naik saksi, iaitu Imam Uria dan Zakharia anak Yeberekhya.

³ Kemudian aku menghampiri isteriku, nabiah itu lalu dia mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Lalu Tuhan berfirman kepadaku, “Namailah dia Maher-Syalal Has-Bas,⁴ kerana sebelum anak itu tahu menyebut, ‘Ayahku’ atau ‘Ibuku’ kekayaan Damsyik dan hasil jarahan Samaria akan diangkut ke hadapan raja Asyur.”

Penyerbuan Asyur ke Yehuda

⁵ Tuhan berfirman lagi kepadaku demikian,

⁶ “Kerana bangsa ini menolak air Syiloah yang mengalir perlahan-lahan, dan bergirang kerana Rezin serta anak Remalya,

⁷ maka sesungguhnya Tuhan mendatangkan air sungai yang mengalir deras dan berlimpahan bagi mereka, iaitu raja Asyur dengan segala kemuliaannya.

Air ini akan meluap melampaui segala salurannya dan akan mengalir melampaui segala tepiannya

⁸ lalu menerobos meliputi Yehuda dan melandanya hingga mencapai leher.

Sayap-sayapnya yang terkembang akan memenuhi luas negerimu, wahai Immanuel!

⁹ Hancurlah, wahai bangsa-bangsa! Bertaburanlah!

Perhatikanlah, wahai segala negeri yang jauh! Lengkapilah dirimu, dan bertaburanlah!

Lengkapilah dirimu, dan bertaburanlah!

¹⁰ Susunkanlah rancangan, tetapi itu akan dibatalkan.

Ajukanlah usul, tetapi itu tidak akan terlaksana, kerana Allah menyertai kami.”

Yesaya terpaksa bersembunyi

¹¹ Sesungguhnya, beginilah firman Tuhan apabila tangan-Nya menguasai aku dan apabila Dia mendidik aku supaya tidak mengikuti jalan bangsa ini,

¹² “Semua yang disebut bangsa ini sebagai persekongkolan

jangan kamu sebut persekongkolan.

Apa yang ditakuti mereka jangan kamu takuti, dan jangan gentar kerananya.

¹³ Tetapi Tuhan alam semesta,

Dialah yang patut kamu sebut suci,

kepada-Nyalah kamu harus takut,

dan kepada-Nyalah kamu harus gentar.

¹⁴ Dia akan menjadi suatu tempat suci.

Tetapi bagi kedua-dua keturunan kaum Israel

Dia akan menjadi batu sandungan yang menyebabkan orang tersandung

dan batu pejal yang membuat mereka terjatuh.

Bagi penduduk Yerusalem

Dia akan menjadi perangkap dan jerat.

¹⁵ Ramai orang akan tersandung kepadanya,

lalu jatuh dan terluka,

terjerat dan tertangkap.”

¹⁶ Tutupkanlah peringatan Ilahi ini

dan materaikanlah hukum Taurat dalam kalangan muridku.

¹⁷ Aku hendak menanti-nantikan Tuhan

yang menyembunyikan hadirat-Nya daripada keturunan kaum Yakub.

Aku hendak berharap kepada-Nya.

¹⁸ Sesungguhnya, aku dan anak-anak yang diberikan Tuhan kepadaku ialah tanda dan lambang di Israel daripada Tuhan alam semesta, yang bersemayam di Gunung Sion.

¹⁹ Apabila orang berkata kepada kamu, “Carilah petunjuk daripada para pemanggil arwah serta para ahli sihir yang meracau dan terkumat-kamit,” maka jawablah, “Bukankah sesuatu bangsa patut meminta petunjuk daripada Allah mereka? Patutkah petunjuk untuk orang yang hidup dicari mereka daripada orang yang mati?”

²⁰ Carilah hukum Taurat dan peringatan Ilahi! Jika mereka tidak berbicara selaras dengan perkataan ini, maka bagi mereka tidak ada cahaya fajar.

²¹ Mereka akan melintasi negeri itu dengan susah payah dan kelaparan. Apabila mereka lapar, mereka akan marah dan mengutuk raja serta Allah mereka sambil menengadah ke langit.

²² Kemudian mereka akan memandang ke bumi, dan tampaklah kesesakan serta kegelapan, iaitu kesuraman yang menyesakkan. Lalu mereka akan dihalau ke dalam kekelaman.

Kelahiran Raja Damai

9¹ Meskipun begitu, tidak akan ada lagi kesuraman bagi mereka yang dahulu berada dalam kesusahan. Pada zaman dahulu Dia memandang rendah Tanah Zebulon dan Tanah Naftali, tetapi pada kemudian hari Dia akan memuliakan jalan dekat laut di seberang Sungai Yordan, Galilea, daerah bangsa-bangsa asing.

² Bangsa yang berjalan dalam kegelapan telah melihat cahaya yang gemilang. Bagi mereka yang tinggal di negeri yang di bawah bayangan maut, cahaya telah bersinar.

³ Engkau melipatgandakan jumlah bangsa itu, Engkau memperbesar sukacita mereka. Mereka bersukacita di hadapan-Mu, seperti orang bersukacita pada musim menuai, seperti orang bergembira

apabila membahagi-bahagikan jarahan,

⁴ kerana kuk yang ditanggung mereka dan kayu pikulan di bahu mereka, iaitu tongkat para penindas mereka, telah Kauhancurkan seperti pada zaman orang Midian.

⁵ Setiap sepatu yang berderap dalam deru peperangan dan pakaian yang berlumuran darah akan dibakar dan menjadi bahan bakar untuk api.

⁶ Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita,

seorang putera telah dikurniakan bagi kita.

Di atas bahunya tampuk pemerintahan,

dan namanya akan disebut:

Penasihat Ajaib, Allah Perkasa,

Bapa Kekal, Raja Damai.

⁷ Pertumbuhan pemerintahan-Nya serta damai tidak akan ada habisnya atas takhta Daud dan atas kerajaannya.

Dia akan mengukuhkan dan menopangnya dengan keadilan dan perbenaran dari sekarang untuk selama-lamanya.

Semangat Tuhan alam semesta,

yang meluap-luap bagi umat-Nya akan membuat semua hal ini terjadi.

Murka Allah terhadap Efraim

⁸ Tuhan menyampaikan firman kepada Yakub dan firman itu akan menimpa Israel.

⁹ Seluruh bangsa itu akan mengetahuinya,

iaitu Efraim dan penduduk Samaria,
yang berkata dalam keangkuhan dan
kesombongan hatinya,

¹⁰ “Tembok bata telah roboh!

Tetapi kita akan membina kembali dengan
batu pahat.

Pokok-pokok ara telah ditebang!

Tetapi kita akan menggantikannya dengan
pokok-pokok araz.”

¹¹ Tuhan membangkitkan lawan-lawan Rezin
untuk menyerang mereka

dan menggerakkan musuh-musuh mereka.

¹² Orang Aram dari timur dan orang Filistin dari
barat

melahap Israel dengan mulut ternganga.

Meskipun semua ini terjadi, belum juga
murka-Nya surut,

dan tangan-Nya masih tetap terhulur.

¹³ Tetapi bangsa itu tidak kembali kepada Dia
yang masih menghulurkan tangan-Nya,
dan tidak mencari hadirat Tuhan alam semesta.

¹⁴ Oleh sebab itu Tuhan akan mengerat dari
Israel baik kepala mahupun ekor,
baik pelepah palma mahupun gelagah dalam
sehari sahaja.

¹⁵ Para tua-tua dan yang terhormat, itulah
kepala,

sedangkan para nabi yang mengajarkan dusta,
itulah ekor.

¹⁶ Para pemimpin menyesatkan bangsa ini,
dan orang yang dipimpin mereka menjadi
kacau.

¹⁷ Oleh sebab itu Tuhan tidak bersukacita
dengan kaum muda mereka,
dan tidak mengasihani anak-anak yatim serta
balu-balu mereka,

kerana mereka semua munafik dan jahat,
setiap mulut mengucapkan kekejian.

Meskipun semua ini terjadi,
belum juga murka-Nya surut
dan tangan-Nya masih tetap terhulur.

¹⁸ Sungguh, kefasiqan menyala-nyala seperti
api, melahap duri dan onak,
membakar belukar di hutan sehingga asapnya
berkepul-kepul naik.

¹⁹ Oleh murka Tuhan alam semesta,
negeri itu hangus,
dan bangsa itu menjadi seperti bahan bakar
untuk api.

Tiada seorang pun menyayangkan saudaranya.

²⁰ Mereka merenggut di sebelah kanan tetapi
tetap lapar,
mereka makan di sebelah kiri tetapi tidak juga
kenyang.

Masing-masing memakan daging lengannya sendiri.

²¹ Manasye memakan Efraim, Efraim memakan Manasye,
dan bersama-sama mereka melawan Yehuda.

Meskipun semua ini terjadi,
belum juga murka-Nya surut,
dan tangan-Nya masih tetap terhulur.

10 ¹ Malangnya mereka yang membuat ketetapan-ketetapan yang jahat dan para jurutulis yang menuliskan kezaliman ² untuk menjauhkan fakir miskin daripada mendapat keadilan serta merampas hak orang yang tertindas antara umat-Ku, supaya mereka dapat menjarah balu dan merampas harta anak yatim.

³ Apa yang akan kamu lakukan pada hari penghukuman, pada waktu kebinasaan datang dari jauh? Kepada siapa kamu hendak berlari meminta tolong, dan di mana kamu hendak meninggalkan kekayaanmu?

⁴ Tak ada yang dapat dilakukan selain meringkuk antara tahanan atau tewas antara orang yang terbunuh.

Meskipun semua ini terjadi,
belum juga murka-Nya surut,
dan tangan-Nya masih tetap terhulur.

Tentang bencana yang akan menimpa Asyur

⁵ Malangnya Asyur, rotan amarah-Ku!

Tongkat di tangannya ialah murka-Ku!

⁶ Aku mengutusnyanya kepada bangsa yang
munafik.

Aku memerintahkannya melawan umat yang
Kumurkai,

untuk melakukan penjarahan dan mengadakan
perampasan,

serta menginjak-injak mereka seperti lumpur di
jalan.

⁷ Tetapi rupanya bukan demikian niatnya dan
bukan demikian rancangan hatinya.

Hatinya malah berniat memusnahkan dan
melenyapkan banyak bangsa.

⁸ Dia berkata,

“Bukankah kesemua panglimaku itu raja?

⁹ Bukankah Kalno sama seperti Karkemis?

Bukankah Hamat sama seperti Arpad?

Bukankah Samaria sama seperti Damsyik?

¹⁰ Sebagaimana tanganku telah menjangkau
kerajaan para berhala,

padahal patung-patung ukirannya melebihi
patung-patung di Yerusalem dan Samaria,

¹¹ tidakkah demikian juga akan kulakukan
terhadap Yerusalem dan berhala-
berhalanya,

seperti yang kulakukan terhadap Samaria dan
berhala-berhalanya?

¹² Jadi, apabila Tuhan telah menyelesaikan
segala pekerjaan-Nya di Gunung Sion dan di
Yerusalem, Dia akan menghukum raja Asyur atas
kesombongan hatinya dan atas sikapnya yang
angkuh.”

¹³ Dia berkata:

“Aku telah melakukannya dengan kekuatan
tanganku
dan dengan kebijaksanaanku, kerana aku
memiliki pengertian.

Aku memindahkan batas bangsa-bangsa
dan menjarah perbendaharaan mereka.
Dengan perkasa telah kuturunkan orang yang
duduk di atas takhta.

¹⁴ Tanganku menjangkau kekayaan suku-suku
bangsa seperti menjangkau sarang
burung.

Seperti orang meraup telur-telur yang
ditinggalkan induknya,
demikianlah aku meraup seluruh bumi.
Tidak ada yang mengepak-ngepakkan sayap,

yang membuka paruh untuk mencicit-cicit.”

¹⁵ Masakan kapak memegahkan diri terhadap orang yang mengayunkannya?

Masakan gergaji membesarkan diri terhadap orang yang menggerakkannya?

Seolah-olah rotan menggerakkan orang yang mengangkatnya,

seolah-olah tongkat mengangkat orang, yang tentu bukan kayu!

¹⁶ Itulah sebabnya Tuhan, Allah alam semesta, akan menjadikan kurus orangnya yang tegap, dan di bawah kemuliaannya suatu kobaran akan dinyalakan,

seperti api yang menyala-nyala.

¹⁷ Cahaya Israel akan menjadi api, Allahnya Yang Maha Suci akan menjadi nyala api.

Api itu akan membakar dan melahap duri dan onaknya dalam sehari sahaja.

¹⁸ Dan Dia akan menghabiskan kelimpahan hutan Assyur dan ladangnya yang subur, jiwa ataupun jasad,

sehingga ia menjadi seperti orang sakit yang terus kian lemah sampai binasa.

¹⁹ Sisa pokok hutannya akan berjumlah sedikit sahaja

sehingga seorang anak pun dapat mencatatnya.

Saki-baki Israel diselamatkan

²⁰ Pada waktu itu saki-baki umat Israel dan orang yang terselamat daripada kalangan keturunan kaum Yakub tidak akan bersandar lagi kepada dia yang mengalahkan mereka, tetapi dengan sungguh-sungguh akan bersandar kepada Tuhan Yang Maha Suci, Allah Israel.

²¹ Ada satu saki-baki yang akan kembali, iaitu saki-baki keturunan Yakub, kepada Allah yang perkasa.

²² Sekalipun pendudukmu, wahai Israel, sebanyak pasir di laut, hanya segelintir bakinya yang akan kembali. Kebinasaan telah ditentukan, dan daripadanya kebenaran meluap-luap.

²³ Sungguh, kesudahan yang telah ditentukan akan dilaksanakan dengan muktamad oleh Tuhan, Allah alam semesta, di seluruh bumi.

²⁴ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, Allah alam semesta, "Wahai umat-Ku yang tinggal di Sion, jangan takut kepada orang Asyur

apabila mereka memukul kamu dengan rotan dan mengangkat tongkat mereka melawan kamu, seperti yang dilakukan orang Mesir dahulu.

²⁵ Kerana tinggal sebentar sahaja murka-Ku akan berakhir

dan amarah-Ku akan ditujukan untuk menghancurkan mereka.”

²⁶ Tuhan alam semesta, akan mendatangkan cemeti terhadap mereka, seperti pada waktu orang Midian ditumbangkan di batuan Oreb.

Tongkat-Nya akan diangkat ke atas laut seperti di Mesir dahulu.

²⁷ Pada waktu itu, beban mereka akan disingkirkan daripada bahu

dan kuk mereka dari tengkukmu.

Kuk itu akan musnah kerana kegemukanmu.

Orang Asyur maju menyerang

²⁸ Asyur telah memasuki Ayat, melalui Migron.

Disimpannya barang-barangnya di Mikhmas.

²⁹ Mereka melintasi tempat penyeberangan dan berkata,

“Geba ialah tempat kita bermalam.”

Rama gementar, penduduk Gibea-Saul melarikan diri.

³⁰ Memekiklah dengan nyaring,

wahai puteri Galim!
 Perhatikanlah, wahai Laisha!
 Anatot yang malang!
³¹ Warga Madmenah melarikan diri,
 penduduk Gebim mencari perlindungan.
³² Hari ini juga Asyur akan berhenti di Nob.
 Dia akan mengacung-acungkan tinjunya
 kepada gunung puteri Sion, iaitu bukit
 Yerusalem.
³³ Sesungguhnya, Tuhan, Allah alam semesta,
 akan memotong dahan-dahan pokok dengan
 kekuatan yang dahsyat.
 Yang berukuran tinggi akan ditebang
 dan yang menjulang akan direndahkan.
³⁴ Dia akan menebas belukar hutan dengan
 kapak besi,
 dan Lebanon pun akan tumbang oleh Yang
 Maha Kuasa.

Raja Damai yang akan datang

11 ¹ Suatu tunas akan keluar daripada
 tunggul Isai^c suatu cabang daripada
 akarnya akan berbuah.

^c**11:1** 'Suatu tunas ... dari tunggul Isai': Merujuk kepada keturunan Daud yang kelak datang sebagai raja yang adil dan benar (lihat Yer. 23:5).

11:1: Why 5:5; 22:16.

² Roh Tuhan akan diam padanya –
roh kebijaksanaan dan pengertian,
roh nasihat dan keperkasaan,
roh pengetahuan dan takut kepada Tuhan –
³ takut kepada Tuhan ialah kesukaannya.
Dia tidak akan menghakimi menurut apa yang
tampak di hadapan matanya,
atau memutuskan perkara menurut apa yang
didengar oleh telinganya,
⁴ tetapi Dia akan menghakimi orang miskin
dengan perbenaran,^d
dan memutuskan perkara dengan keadilan bagi
orang yang tertindas di bumi.
Dia akan menghukum bumi dengan rotan
daripada mulut-Nya,
dan dengan nafas mulut-Nya Dia akan
mematikan orang fasiq.
⁵ Perbenaran adalah sabuk di pinggangnya
dan kesetiaan adalah ikat pinggangnya.
⁶ Serigala akan tinggal bersama-sama domba,
harimau bintang akan berbaring dengan anak
kambing.
Anak lembu, anak singa, dan ternakan yang
tambun akan tinggal bersama-sama,

^d**11:4,5** Perbenaran: Antara maknanya ialah ketulusan, kejujuran dan keikhlasan.

dan kesemuanya akan dipimpin oleh seorang anak kecil.

⁷ Lembu betina dan beruang akan sama-sama meragut rumput,

anak masing-masing akan berbaring bersama-sama,

dan singa akan makan jerami seperti lembu.

⁸ Anak yang masih menyusu akan bermain-main dekat lubang ular senduk,

dan anak yang cerai susu akan menghulurkan tangannya ke dalam liang ular berbisa.

⁹ Tidak ada yang akan berbuat jahat ataupun membinasakan

di seluruh gunung-Ku yang suci,

kerana bumi akan penuh dengan pengetahuan tentang Tuhan,

seperti air meliputi laut.

¹⁰ Pada waktu itu, Tunas Isai akan berdiri sebagai panji-panji bagi suku-suku bangsa. Dia akan dicari oleh bangsa-bangsa dan kediamannya akan menjadi mulia. ¹¹ Pada waktu itu, Tuhan akan menghulurkan tangan-Nya lagi untuk menebus saki-baki umat-Nya yang masih tertinggal, iaitu dari Asyur, dari Mesir, dari Patros, dari Kush, dari Elam, dari Sinear, dari Hamat, dan dari pulau-pulau di laut.

¹² Dia akan mengangkat panji-panji bagi bangsa dan akan menghimpunkan orang Israel yang terbangun.

Dia akan mengumpulkan orang Yehuda yang tercerai-berai dari keempat-empat penjuru bumi.

¹³ Dengki Efraim akan hilang, dan orang yang menyesakkan Yehuda akan dilenyapkan.

Efraim tidak akan dengki terhadap Yehuda, dan Yehuda tidak akan menyesakkan Efraim.

¹⁴ Sebaliknya, mereka akan terbang ke lereng gunung orang Filistin di sebelah barat, bersama-sama mereka akan menjarah bani Timur.

Mereka akan menghulurkan tangan untuk mencengkam Edom dan Moab, dan bani Amon akan tunduk mematuhi mereka.

¹⁵ Tuhan akan membinasakan sama sekali teluk laut Mesir;

dengan angin-Nya yang panas,
Dia akan mengayunkan tangan-Nya kepada Sungai Efrat

dan memukulnya menjadi tujuh batang anak sungai,

sehingga orang dapat menyeberanginya
dengan berkasut.

¹⁶ Maka akan ada jalan raya dari Asyur
bagi saki-baki umat-Nya,
sama seperti yang ada bagi Israel dahulu pada
waktu mereka keluar dari Tanah Mesir.

Nyanyian syukur

12 ¹ Pada hari itu kamu akan berkata,
“Aku mahu mengucap syukur kepada-Mu,
ya Tuhan,

kerana sungguhpun Engkau telah murka
kepadaku,

murka-Mu telah surut

dan Engkau menghiburkan aku.

² Sesungguhnya, Allah ialah penyelamatanku.

Aku percaya dan tidak gentar,

kerana Tuhan Allah sajalah, kekuatanku dan
puji-pujianku.

Dia telah menjadi penyelamatanku.”

³ Dengan girang kamu akan menimba air
daripada mata air penyelamatan.

⁴ Pada hari itu kamu akan berkata,

“Ucapkanlah syukur kepada Tuhan,
serulah nama-Nya.

Beritahukanlah perbuatan-Nya kepada
bangsa-bangsa,
masyhurkanlah bahawa nama-Nya luhur.
⁵ Lantunkanlah puji-pujian bagi Tuhan, kerana
perbuatan-Nya agung.
Biarlah hal ini diketahui di seluruh bumi.
⁶ Pekiklah dan bersorak-sorailah,
wahai penduduk Sion,
kerana Yang Maha Suci, Allah Israel,
agung di tengah-tengahmu.”

Pernyataan ilahi tentang Babel

13 ¹ Pernyataan ilahi tentang Babel kepada
Yesaya anak Amos.

² Angkatlah panji-panji di atas gunung yang
gondol,
berserulah dengan nyaring kepada mereka.
Lambaikanlah tangan supaya mereka memasuki
pintu gerbang para bangsawan.

³ Aku telah memerintahkan kalangan yang
Kusucikan,
bahkan telah memanggil para kesateria-Ku
untuk melaksanakan hukuman murka-Ku,
iaitu mereka yang bersuka ria kerana
kemegahan-Ku.

⁴ Ada keriuhan di gunung-ganang,

seperti suara orang ramai yang besar
jumlahnya!

Ada bunyi kekecohan daripada kerajaan-
kerajaan, daripada bangsa-bangsa yang
berkumpul!

Tuhan alam semesta,
sedang mengerahkan pasukan perang.

⁵ Mereka datang dari negeri yang jauh, dari
ufuk sana,

iaitu Tuhan dengan senjata-senjata murka-Nya,
hendak menghancurkan seluruh bumi.

⁶ Meraung-raunglah, kerana hari Tuhan sudah
dekat,

hari pemusnahan yang datang daripada Yang
Maha Kuasa.

⁷ Oleh sebab itu semua tangan akan menjadi
lemah dan hati setiap orang cair dan
menjadi tawar.

⁸ Mereka akan amat cemas,
rasa perih dan sakit akan mencengkam mereka.
Mereka akan menggeliat kesakitan seperti
perempuan yang bersalin,
mereka akan saling berpandangan dengan
hairan,
wajah mereka merah padam.

⁹ Lihat, hari Tuhan datang dengan bengis,
dengan amarah,
dan dengan murka yang menyala-nyala,
untuk menjadikan bumi sunyi
dan untuk memusnahkan para pendosa dari
dalamnya.

¹⁰ Sesungguhnya, bintang-bintang di langit
dan gugusan-gugusannya tidak lagi
memancarkan sinarnya.

Matahari akan menggelap sebaik sahaja
terbitnya
dan bulan pun tidak akan memancarkan
sinarnya.

¹¹ Aku akan menghukum dunia kerana
kejahatannya dan orang fasiq kerana
kesalahannya.

Aku akan menghentikan rasa bongkak kalangan
yang angkuh
dan meruntuhkan kesombongan orang kejam.

¹² Aku akan membuat orang lebih langka
daripada emas murni,
dan manusia daripada emas Ofir.

¹³ Oleh sebab itu Aku akan menggetarkan
langit,
dan bumi akan bergoncang dari tempatnya

kerana murka Tuhan alam semesta,
pada hari amarah-Nya menyala-nyala.

¹⁴ Seperti kijang yang diburu
dan seperti domba yang tanpa gembalanya,
setiap orang akan kembali kepada bangsanya,
setiap orang akan melarikan diri ke negeri
masing-masing.

¹⁵ Sesiapa pun yang ditemukan akan ditikam,
dan siapa pun yang tertangkap akan tewas oleh
pedang.

¹⁶ Bayi mereka akan dihempaskan di hadapan
mata mereka.

Rumah mereka akan dijarah dan isteri mereka
akan dirogol.

¹⁷ Lihat, Aku akan membangkitkan orang Madai
untuk melawan mereka,
orang yang tidak mengendahkan perak dan
tidak menyukai emas.

¹⁸ Busur panah mereka akan menghempaskan
orang muda.

Mereka tidak akan berbelas kasihan kepada
buah kandungan,
dan mereka tidak akan berasa hiba pada
anak-anak.

- ¹⁹ Babel, yang terindah antara kerajaan,
kemegahan dan keangkuhan orang
Kasdim,
akan menjadi sama seperti Sodom dan Gomora
apabila Allah menunggangbalikkannya.
- ²⁰ Negeri itu langsung tidak akan dihuni lagi dan
tidak didiami turun-temurun.
Orang Badui Arab tidak akan berkhemah di
sana
dan gembala tidak akan membaringkan
domba-dombanya di sana.
- ²¹ Sebaliknya, haiwan gurun akan berbaring di
sana
dan rumah mereka akan penuh dengan
serigala.
Burung-burung unta^e akan diam di sana
dan kambing-kambing liar akan
melompat-lompat di situ.
- ²² Anjing hutan akan meraung di kota-kota yang
terbengkalai
dan serigala di istana-istana yang mewah.
Waktunya hampir tiba
dan umurnya tidak akan dilanjutkan.

^e**13:21** Ada naskhah menyebutnya sebagai 'burung hantu.'

13:19: Kej 19:24. **13:21:** Yes 34:14; Zef 2:14; Why 18:2.

Ejekan tentang raja Babel

14 ¹ Sesungguhnya, Tuhan akan menyayangi Yakub dan akan memilih Israel lagi, lalu menempatkan mereka di tanah mereka.

Para pendatang akan bergabung dengan mereka

dan menyatukan diri dengan keturunan kaum Yakub.

² Bangsa-bangsa akan menjemput mereka dan menghantar mereka pulang ke tempatnya. Keturunan kaum Israel akan memiliki orang itu sebagai hamba lelaki dan perempuan di bumi Tuhan.

Mereka akan menawan orang yang dahulunya menawan mereka

dan berkuasa atas para penindas mereka.

³ Pada waktu Tuhan mengurniakan kepadamu kelegaan daripada kesusahan, keresahan, dan kerja berat yang dipaksakan ke atasmu, ⁴ maka engkau akan mengucapkan ibarat ini mengenai raja Babel dan berkata,

“Betapa si penindas berakhir!

Keganasannya sudah berakhir!

⁵ Tuhan telah mematahkan tongkat orang fasiq, iaitu tongkat kerajaan para penguasa,

⁶ yang memukul bangsa-bangsa dalam kegeraman dengan pukulan yang tidak terputus,
yang memerintah bangsa-bangsa dalam kemurkaan dengan seksaan yang tiada henti-hentinya.

⁷ Seluruh bumi tenteram dan sentosa, semuanya bergembira dengan sorak-sorai.

⁸ Bahkan pokok-pokok sanubar dan pokok-pokok araz di Lebanon bergembira kerana engkau, kata mereka,

‘Sejak engkau terbujur kaku, tidak ada lagi yang naik ke mari untuk menebang kami.’

⁹ Alam kubur di bawah bergetar untuk menyambut kedatanganmu.

Dibangunkannya para arwah bagimu, iaitu semua bekas pemimpin di bumi.

Semua mantan raja bangsa-bangsa dibangkitkannya dari takhta mereka.

¹⁰ Mereka semua akan berbicara dan berkata kepadamu,

‘Engkau juga sudah menjadi lemah seperti kami!

Engkau sudah menjadi seperti kami!’

¹¹ Kemegahanmu sudah diturunkan ke alam kubur dengan bunyi gambusmu.

Dengan berenga terhampar di bawahmu dan ulat-ulat menjadi selimutmu.

¹² Betapa engkau jatuh dari langit,
wahai Bintang Timur, anak fajar!

Engkau ditumbang ke bumi,
wahai penakluk bangsa-bangsa!

¹³ Engkau tadinya berkata dalam hatimu,
'Aku hendak naik ke langit.

Aku hendak meninggikan takhtaku mengatasi
bintang-bintang Allah.

Aku hendak duduk di gunung pertemuan, di
hujung sebelah utara.

¹⁴ Aku hendak naik mengatasi ketinggian
awan-awan.

Aku hendak menyamai Yang Maha Tinggi!'

¹⁵ Tetapi engkau malah diturunkan ke alam
kubur,
ke hujung liang kubur.

¹⁶ Orang yang melihat engkau akan mengamat-
amati dan memperhatikan engkau, lalu
berkata,

'Inikah dia yang membuat bumi gementar, yang
menggoncangkan kerajaan-kerajaan,

¹⁷ yang menjadikan dunia seperti gurun
dan meruntuhkan kota-kotanya,

yang tidak melepaskan para tahananannya pulang
ke rumah?

- ¹⁸ Semua mantan raja bangsa-bangsa terbaring dalam kemuliaan di permakaman masing-masing,
- ¹⁹ tetapi engkau terbuang dari kuburmu, seperti cabang yang dipandang keji. Engkau berselubungkan kalangan yang terbunuh yang ditikam pedang, yang turun ke tempat batu-batu liang kubur seperti bangkai yang terinjak-injak.
- ²⁰ Engkau tidak akan disatukan dengan mereka di dalam kubur, kerana engkau telah memusnahkan negerimu dan membunuh rakyatmu. Keturunan orang yang berbuat jahat tidak akan disebut-sebut untuk selama-lamanya.
- ²¹ Siapkanlah tempat pembantaian bagi anak-anak mereka kerana kesalahan nenek moyang mereka. Mereka tidak boleh bangkit menduduki dunia dan memenuhi permukaan bumi dengan kota-kota.”
- ²² “Aku akan melawan mereka,” demikianlah firman Tuhan alam semesta. “Aku akan melenyapkan Babel, baik namanya, saki-bakinya, mahupun anak dan cucu-cicitnya,” demikianlah firman Tuhan.

²³ “Aku akan membuatnya menjadi milik landak
dan menjadi paya-paya berair.
Aku akan menyapunya dengan penyapu
pemusnahan,”
demikianlah firman Tuhan alam semesta.

Pernyataan ilahi tentang Asyur

²⁴ Tuhan alam semesta, telah bersumpah,
firman-Nya,
“Sesungguhnya, seperti yang Kurancangkan,
demikianlah akan terlaksana,
dan seperti yang Kurancangkan, demikianlah
akan terlaksana.

²⁵ Aku akan menghancurkan orang Asyur di
tanah-Ku,
dan menginjak-injak mereka di atas
gunung-gunung-Ku.
Kuk akan dibuang daripada umat-Ku
dan beban akan disingkirkan daripada bahu
mereka.

²⁶ Inilah rancangan yang telah ditetapkan untuk
seluruh bumi
dan inilah tangan yang terhulur menentang
segala bangsa.

²⁷ Apabila Tuhan alam semesta,
sudah menetapkan,

siapa dapat membatalkan?
Tangan-Nya sudah terhulur,
siapa dapat mengembalikannya lagi?"

Pernyataan ilahi tentang Filistea

²⁸ Pada tahun mangkatnya Raja Ahas, datanglah pernyataan ilahi ini:

²⁹ wahai seluruh Filistea,
jangan gembira kerana rotan orang yang
memukul engkau sudah patah,
sebab daripada akar ular itu akan muncul ular
berbisa
dan buahnya akan menjadi ular naga terbang.

³⁰ Yang termiskin di antara fakir miskin akan
mendapat makanan
dan orang sesak berbaring dengan aman,
tetapi Aku akan mematikan akarmu dengan
kelaparan,
saki-baki orangmu akan dibunuh.

³¹ Meraung-raunglah, wahai pintu gerbang!
Menjeritlah, wahai kota!
Cemaslah, wahai seluruh Filistea!
Kerana asap tiba dari utara,

14:28: 2Raj 16:20; 2Taw 28:27.

14:29: Yer 47:1-7; Yeh 25:15-17; Yl 3:4-8; Am 1:6-8; Zef 2:4-7; Za 9:5-7.

dan tidak ada yang mengundurkan diri daripada pasukan itu.

³² Jawapan apakah yang akan diberikan kepada para utusan bangsa itu?

“Tuhan telah mengasaskan Sion dan kalangan yang tertindas antara umat-Nya akan berlindung di dalamnya.”

Pernyataan ilahi tentang Moab

15 ¹ Pernyataan ilahi tentang Moab. Sungguh, dalam satu malam Ar-Moab dirosakkan dan dibinasakan.

Sungguh, dalam satu malam Kir-Moab dirosakkan dan dibinasakan.

² Dibon naik ke kuil di bukit-bukit pemujaan untuk menangis.

Moab meraung-raung kerana Nebo dan kerana Medeba.

Setiap kepala digondolkan, setiap janggut dicukur.

³ Di jalan, mereka memakai kain kabung, di atas bumbung rumah dan di tempat umum semua orang meraung-raung dan jatuh menangis.

⁴ Hesbon dan Eleale menjerit,

suara mereka terdengar sampai ke Yahas.
Oleh sebab itu orang Moab yang bersenjata
berteriak-teriak,
hati mereka ketakutan.

⁵ Hatiku menjerit kerana Moab.

Para pengungsinya lari sampai ke Zoar, ke
Eglat-Selisia.

Sungguh, orang mendaki tanjakan Luhit sambil
menangis.

Di jalan menuju ke Horonaim mereka
memperdengarkan jeritan kehancuran.

⁶ Sungguh, air di Nimrim menjadi kering.

Rumput layu, rumput muda habis,
tidak ada lagi tumbuhan hijau.

⁷ Oleh sebab itu kekayaan yang diperoleh dan
disimpan mereka

akan diangkut mereka ke tepi Sungai Haarabim.

⁸ Sungguh, jeritan melingkupi daerah Moab.

Raungannya sampai ke Eglaim,
raungannya mencapai Beer-Elim.

⁹ Sungguh, air Dibon penuh dengan darah.

Meskipun begitu, apa yang menimpa Dibon
akan Kulipatgandakan lebih lagi:

singa akan menyerang orang yang terselamat
dari Moab dan saki-baki orang yang masih
ada di bumi itu.

16 ¹ Kirimkanlah anak domba kepada
penguasa negeri,

dari Sela melalui gurun ke gunung puteri Sion.

² Seperti burung lari terbang,
seperti isi sarang yang terusir,
demikianlah para puteri Moab di tempat-
tempat penyeberangan Sungai Arnon.

³ “Berikanlah nasihat,
buatlah keputusan.

Buatlah naungan yang teduh di bawah rembang
panas.

Sembunyikanlah orang yang terbuang,
jangan serahkan orang pelarian.

⁴ Biarlah orangku yang terbuang dari Moab
tinggal sebagai pendatang denganmu.
Jadilah tempat bersembunyi bagi mereka
daripada si pembinasas.”

Si pemeras akan ditiadakan,
pemusnahan akan berakhir,
dan orang zalim akan dilenyapkan daripada
dunia.

⁵ Sebuah takhta kerajaan akan ditegakkan
dalam kasih abadi,
dan di atasnya akan duduk seorang yang boleh
dipercayai di dalam khemah Daud.

Dialah hakim dan penegak keadilan yang cepat
melaksanakan keadilan.

⁶ Kami sudah mendengar tentang keangkuhan
Moab –
memang Moab menjadi sangat sombong!

Kami mendengar tentang kesombongannya,
keangkuhannya, dan kegeramannya.

Cakap besarnya itu kosong belaka.

⁷ Oleh sebab itu orang Moab akan meraung-
raung,

setiap orang akan meraung-raung kerana
Moab.

Apabila mengingat kuih kismis Kir-Hareset,
mereka akan merintih,

berasa sangat terpuak.

⁸ Sungguh, ladang-ladang Hesbon merana,
begitu pula pokok anggur Sibma.

Penguasa bangsa-bangsa telah mematahkan
sulur anggur pilihan,

yang dahulu menjalar sampai ke Yaezer dan
merambat ke gurun.

Carang-carangnya menyebar
dan menyeberangi laut.

⁹ Oleh sebab itu aku hendak turut menangis
dengan Yaezer

kerana pokok anggur Sibma.

Aku akan membasahi kamu dengan air mataku,
wahai Hesbon dan Eleale,

kerana pekik perang telah diperdengarkan atas
hasil buah-buahan musim panasmu dan
atas hasil tuaianmu.

¹⁰ Sukacita dan kegembiraan lenyap daripada
ladang yang subur.

Di kebun-kebun anggur tidak ada lagi
sorak-sorai atau teriakan kegembiraan.
Tidak ada lagi orang yang mengirik anggur di
tempat pemerasan.

Aku telah menghentikan pekik kegirangan itu.

¹¹ Oleh sebab itu hatiku berdenting seperti
kecapi kerana Moab,

begitu pula batinku kerana Kir-Hareset.

¹² Apabila Moab datang menghadap,
apabila ia menyusahkan dirinya di atas bukit
pemujaan

dan masuk ke tempat keramatnya untuk
berdoa,

ia tidak akan mendapat apa-apa.

¹³ Itulah firman yang disampaikan Tuhan
tentang Moab pada waktu yang lalu. ¹⁴ Tetapi
sekarang Tuhan berfirman demikian, “Dalam
waktu tiga tahun, menurut tahun kerja orang
upahan, kemuliaan Moab bersertakan seluruh
khalayak ramainya akan menjadi kehinaan.
Saki-baki orangnya akan tinggal sedikit sahaja
dan tidak berdaya.”

Pernyataan ilahi tentang Damsyik dan Efraim

17 ¹ Pernyataan ilahi tentang Damsyik.
“Sesungguhnya, Damsyik akan disingkirkan sehingga tidak lagi menjadi sebuah kota.

Dia akan menjadi timbunan puing.

² Kota-kota Aroer akan ditinggalkan dan menjadi tempat kawan-an ternakan yang berbaring tanpa ada yang mengusik.

³ Kubu akan lenyap dari Efraim, dan kerajaan dari Damsyik.

Saki-baki orang Aram akan senasib dengan kemuliaan orang Israel,”

demikianlah firman Tuhan alam semesta.

⁴ “Pada waktu itu kemuliaan Yakub akan amat berkurang,

dan tubuhnya yang tegap akan menjadi kurus.

⁵ Keadaannya akan sama seperti apabila penuai mengumpulkan gandum yang belum dipotong

dan memetik bulir-bulirnya dengan tangannya, atau seperti apabila seseorang memungut bulir gandum di Lembah Refaim.

⁶ Tetapi sisa-sisa akan ditinggalkan

untuk pemetikan susulan seperti pada waktu
orang menjolok buah zaitun,
dua atau tiga buah tertinggal di hujung dahan
teratas,
empat atau lima di dahan-dahannya yang
penuh buah,”

demikianlah firman Tuhan, Allah Israel.

⁷ Pada hari itu orang akan memandang
Penciptanya,

dan matanya akan memperhatikan Yang Maha
Suci, Allah Israel.

⁸ Dia tidak akan memandang lagi mazbah-
mazbah buatan tangan

dan tidak akan memperhatikan lagi barang
yang dibuat jari-jarinya,

baik patung-patung Asyera

mahupun tugu-tugu mazbah dupa.

⁹ Pada waktu itu kota-kota benteng mereka
akan menjadi seperti tempat yang terbengkalai
di hutan dan di puncak gunung yang ditinggalkan
kerana orang Israel. Semua itu akan menjadi
sunyi sepi.

¹⁰ Engkau telah melupakan Allah yang
menyelamatkan engkau,

dan tidak mengingat Batu Pejal yang menjadi
Bentengmu.

Oleh sebab itu walaupun engkau menanam
tanam-tanaman yang indah dan
mencangkukkan cabang-cabang asing,
¹¹ walaupun engkau memagarinya pada hari
engkau menanamnya,
dan paginya kaubuat benihmu berbunga,
hasil tuaian itu akan lenyap begitu sahaja pada
hari kesakitan dan penderitaan yang
sangat parah.

Pernyataan ilahi tentang Asyur

¹² Wahai, ramainya umat banyak bangsa!
Deru gemuruh mereka seperti deruan ombak
laut.
Wahai, riuhnya suku-suku bangsa!
Mereka menderu seperti deruan air berombak
besar.
¹³ Suku-suku bangsa menderu seperti deru
limpahan air,
tetapi Tuhan mengherdik mereka sehingga
mereka lari jauh-jauh.
Mereka diburu seperti sekam yang
diterbangkan angin di gunung-gunung,
seperti debu yang diterbangkan angin puting
beliung.
¹⁴ Pada waktu senja, lihat, ada kengerian!
Sebelum pagi hari, mereka sudah tiada!
Itulah bahagian bagi orang yang menjarah kita

dan takdir yang ditentukan bagi kalangan yang menjarah kita.

Pernyataan ilahi tentang Kush

18 ¹ Wahai! Negeri dengarkan sayap di seberang sungai-sungai Kush,
² yang mengirimkan duta-duta melalui laut di dalam perahu papirus di permukaan air. Pergilah, wahai para utusan yang tangkas, kepada bangsa yang tinggi dan licin kulitnya, kepada suku bangsa yang ditakuti di mana-mana, iaitu bangsa amat teguh lagi penakluk, yang negerinya terbahagi oleh sungai-sungai.
³ Wahai seluruh penduduk dunia, wahai orang yang mendiami bumi, apabila panji-panji diangkat di atas gunung-gunung, kamu akan melihatnya, apabila sangkakala ditiup, kamu akan mendengarnya!
⁴ Beginilah firman Tuhan kepadaku, "Aku akan memandang dengan tenang dari kediaman-Ku, seperti panasnya cahaya pada hari terang,

seperti awan berembun pada panasnya musim menuai.”

⁵ Kerana sebelum musim menuai,
apabila kuncup meluruh
dan bunga berubah menjadi bakal buah anggur,
Dia akan mengerat sulur-sulurnya dengan pisau
pemangkas
dan menyingkirkan carang-carangnya dengan
memotongnya.

⁶ Semua itu akan ditinggalkan bagi burung
pemangsa dari pergunungan
dan bagi binatang di bumi.
Burung pemangsa akan memangsakannya
selama musim panas,
dan segala binatang di bumi memangsakannya
selama musim dingin.

⁷ Pada waktu itu persembahan akan dibawa
kepada Tuhan alam semesta –
daripada suku bangsa yang tinggi dan licin
kulitnya,
daripada suku bangsa yang ditakuti di
mana-mana,
iaitu bangsa amat teguh lagi penakluk,
yang negerinya terbahagi oleh sungai-sungai –
ke tempat bersemayam nama Tuhan alam
semesta, iaitu Gunung Sion.

Pernyataan ilahi tentang Mesir

19 ¹ Pernyataan ilahi tentang Mesir.
Lihat, Tuhan mengenderai awan yang
cepat dan datang ke Mesir.

Berhala-berhala Mesir gementar di hadapan-
Nya

dan orang Mesir menjadi tawar hati.

² “Aku akan menggerakkan orang Mesir
berlawan sesama sendiri.

Mereka akan berperang melawan saudara
masing-masing

dan melawan teman masing-masing,
kota melawan kota,

kerajaan melawan kerajaan.

³ Semangat dalam diri orang Mesir akan lenyap,
dan Aku akan membuat mereka keliru dengan
rancangan mereka.

Mereka akan meminta petunjuk daripada
berhala-berhala dan daripada para
penenung,

kepada para pemanggil arwah dan ahli-ahli
sihir.

⁴ Aku akan menyerahkan orang Mesir ke dalam
tangan tuan yang bengis,

dan seorang raja yang garang akan memerintah mereka,”

demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta.

⁵ Air Sungai Nil akan habis,
sungai itu akan menjadi tohor lalu kering.

⁶ Terusan-terusan akan berbau busuk,
anak-anak sungai Mesir akan menjadi dangkal
dan tohor.

Mensiang dan teberau akan mati layu.

⁷ Padang terbuka di dekat Sungai Nil,
di mulut Sungai Nil,
dan segala tempat menyemai benih di
dekat Sungai Nil akan menjadi kering,
diterbangkan angin, dan tidak ada lagi.

⁸ Para nelayan akan mengeluh,
semua orang yang biasa melemparkan kail di
Sungai Nil akan berdukacita.

Orang yang biasa menebarkan jala di
permukaan air akan merana.

⁹ Orang yang mengerjakan rami halus dan yang
menenun kain putih akan kecewa.

¹⁰ Para tonggak negeri itu akan dihancurkan,
semua pekerja upahan akan bersedih hati.

¹¹ Bodoh belaka para penguasa Zoan.

Para penasihat Firaun yang bijak memberikan
nasihat yang sebegitu bebal.

Bagaimana mungkin kamu dapat berkata
kepada Firaun,

“Hamba ini keturunan para bijaksana,
keturunan raja-raja zaman dahulu”?

¹² Kalau begitu, di manakah para bijaksana
kamu?

Biarlah mereka menyatakan
dan memberitahumu apa yang telah ditetapkan
Tuhan alam semesta, terhadap Mesir!

¹³ Para penguasa Zoan menjadi bodoh,
para penguasa Memfis terperdaya.

Pemuka suku-suku mereka telah menyesatkan
Mesir.

¹⁴ Tuhan telah mencurahkan roh kebingungan
di tengah-tengah mereka.

Mereka membuat Mesir terhuyung-huyung
dalam segala pekerjaannya,
seperti seorang pemabuk terhuyung-huyung
dalam muntahnya.

¹⁵ Bagi Mesir tidak ada pekerjaan yang dapat
dilakukan oleh pemimpin atau pengikut,
oleh pelepah palma atau mensiang.

¹⁶ Pada waktu itu orang Mesir akan menjadi
seperti perempuan. Mereka akan gementar dan
ketakutan kerana tangan Tuhan alam semesta,
diacukan kepada mereka. ¹⁷ Tanah Yehuda
akan menimbulkan kengerian bagi orang Mesir.
Setiap orang yang mendengar nama Yehuda
disebutkan akan ketakutan kerana rancangan

yang ditetapkan Tuhan alam semesta, atas mereka.

¹⁸ Pada waktu itu akan ada buah lima kota di Tanah Mesir yang berbicara dalam bahasa Kanaan dan yang bersumpah setia kepada Tuhan alam semesta. Salah satunya akan disebut Kota Kebinasaan.

¹⁹ Pada waktu itu akan ada sebuah mazbah bagi Tuhan di tengah-tengah Tanah Mesir dan sebuah tugu peringatan bagi Tuhan di tepi perbatasannya. ²⁰ Itu akan menjadi tanda dan kesaksian bagi Tuhan alam semesta, di Tanah Mesir. Apabila mereka berseru kepada Tuhan kerana perbuatan para penindas, maka Dia akan mengirimi mereka seorang penyelamat dan pembela untuk menolong mereka. ²¹ Tuhan akan menyatakan diri-Nya kepada orang Mesir, dan orang Mesir akan mengenal Tuhan pada waktu itu. Mereka akan beribadat dengan membawa korban sembelihan dan persembahan. Mereka akan bernazar kepada Tuhan dan membayarnya. ²² Tuhan akan mengazab Mesir. Dia akan mengazab dan menyembuhkan mereka. Mereka akan berbalik kepada Tuhan dan Dia akan mengabulkan doa mereka serta menyembuhkan mereka.

²³ Pada waktu itu akan ada lebuhraya dari Mesir ke Asyur. Orang Asyur akan datang ke

Mesir dan orang Mesir ke Asyur, lalu orang Mesir akan beribadat bersama-sama orang Asyur.

²⁴ Pada waktu itu Israel akan menjadi yang ketiga di samping Mesir dan Asyur, suatu berkat di tengah-tengah bumi. ²⁵ Tuhan alam semesta, akan memberkati mereka, dengan berfirman, “Diberkatilah Mesir, umat-Ku, Asyur, buatan tangan-Ku, dan Israel, harta pusaka-Ku!”

Pernyataan ilahi tentang Mesir dan Kush

20 ¹ Pada tahun apabila panglima yang diutus oleh Sargon, raja Asyur, tiba di Asdod lalu memerangi Asdod dan merebutnya, ² saat itulah Tuhan berfirman dengan perantaraan Yesaya anak Amos demikian, “Pergilah, bukalah kain kabung daripada pinggangmu dan tanggalkan kasut daripada kakimu.” Maka dia pun berbuat demikian, lalu berjalan dengan telanjang dan tidak berkasut. ³ Kemudian berfirmanlah Tuhan, “Sama seperti hamba-Ku Yesaya berjalan dengan telanjang dan tidak berkasut tiga tahun lamanya sebagai tanda dan lambang bagi Mesir dan bagi Kush, ⁴ demikianlah raja Asyur akan mengepalai orang Mesir sebagai tawanan dan orang Kush sebagai orang buangan, baik muda mahupun tua, dengan telanjang, tidak berkasut, dan dengan buntutnya kelihatan – suatu aib bagi Mesir. ⁵ Mereka yang amat mempercayai Kush dan

bermegah kerana Mesir akan menjadi kecut hati dan malu. ⁶ Pada waktu itu penduduk pesisir ini akan berkata, ‘Lihat, begitulah jadinya pihak yang amat kita percayai, tempat kita berlari meminta tolong supaya diselamatkan daripada raja Asyur! Bagaimanakah mungkin kita terselamat?’ ”

Pernyataan ilahi tentang Babel

21 ¹ Pernyataan ilahi tentang Gurun di Tepi Laut.

Seperti angin puting beliung melintasi Tanah Negeb,

demikianlah datangnya penyerbu dari gurun, dari negeri yang menakutkan.

² Suatu penglihatan yang menyusahkan telah dinyatakan kepadaku:

“Si pengkhianat berbuat khianat dan si pemusnah melakukan musnah.

Majulah, wahai Elam!

Kepunglah, wahai Madai!

Aku akan menghentikan segala keluh-kesah yang ditimbulkannya.”

³ Itulah sebabnya pinggangku dipenuhi rasa nyeri.

Rasa sakit mencekam aku seperti rasa sakit perempuan yang akan bersalin.

Aku terbongkok-bongkok sehingga tidak mendengar,

aku gementar sehingga tidak melihat.

⁴ Hatiku goyah, rasa ngeri melanda aku.

Senjakala yang kurindukan berubah menjadi
kegentaran bagiku.

⁵ Orang mengatur meja, menata permaidani,
makan, dan minum.

Tiba-tiba terdengar:

“Bangkitlah, wahai para panglima, minyakilah
perisai!”

⁶ Beginilah firman Tuhan kepadaku,

“Pergilah, tempatkanlah seorang pengintip.

Mintalah dia melaporkan apa yang dilihatnya.

⁷ Apabila dia melihat rata dengan kuda

berpasang-pasangan, pasukan keldai,
dan pasukan unta, mintalah dia mengamati
baik-baik,

dengan penuh perhatian.”

⁸ Lalu pengintip itu berseru seperti singa,

“Aku sentiasa berdiri, ya tuanku,

di menara tinjau pada siang hari,

dan aku ditempatkan di menara pengawal
sepanjang malam!

⁹ Lihat, itu sudah datang seorang pengendali
rata

dengan kuda berpasang-pasangan!

Lalu ia berkata,

‘Sudah jatuh! Sudah jatuh Babel!
Segala patung berhala^f ukirannya hancur
berserakan di tanah!’ ”

¹⁰ wahai bangsaku,
yang dipijak-pijak bagai tangkai di tempat
pembantingan,
apa yang kudengar daripada Tuhan alam
semesta, Allah Israel,
telah kuberitahukan kepadamu.

Pernyataan ilahi tentang Duma

¹¹ Pernyataan ilahi tentang Duma. Ada seorang
yang berseru kepadaku dari Seir,

“Wahai pengawal, sudah berapa larutkah
malam ini?

wahai pengawal, sudah berapa larutkah malam
ini?”

¹² Jawab pengawal itu,

“Pagi akan datang, dan malam juga.

Kalau kamu mahu bertanya,
datanglah bertanya lagi!”

Pernyataan ilahi tentang Tanah Arab

¹³ Pernyataan ilahi tentang Tanah Arab.

Di dalam belukar di Jazirah Arab
kamu akan bermalam,

^f21:9 Atau: Tuhan-tuhan ukiran.

wahai kafilah-kafilah orang Dedan!

¹⁴ Bawalah air menyongsong orang yang dahaga,

wahai penduduk Tanah Tema,
sambutlah pelarian dengan membawa roti.

¹⁵ Mereka lari menghindari pedang,
menghindari pedang yang terhunus,
menghindari busur yang dilenturkan,
dan menghindari peperangan yang sengit.

¹⁶ Beginilah firman Tuhan kepadaku, “Dalam waktu setahun berdasarkan tahun kerja orang upahan, segala kemuliaan Kedar akan berakhir.

¹⁷ Akan sedikit sahaja jumlah saki-baki para pemanah, iaitu para kesateria bani Kedar, kerana Tuhan, Allah Israel, telah berfirman.”

Kelancangan penduduk Yerusalem

22 ¹ Pernyataan ilahi tentang Lembah Penglihatan.

Ada apa gerangan sehingga semua orang naik ke bumbung-bumbung rumah,

² wahai kota yang penuh pekik sorak,
wahai kota yang riuh,

kota yang bersuka ria?

Para wargamu yang mati bukan tewas oleh pedang

dan bukan gugur dalam peperangan.

³ Semua pemimpinmu melarikan diri
bersama-sama,
mereka ditawan tanpa perlu menggunakan
panah.

Semua wargamu yang tertangkap ditawan
bersama-sama
meskipun sudah lari jauh-jauh.

⁴ Oleh sebab itu aku berkata,
“Berpalinglah daripada melihatku,
aku hendak menangis dalam kegetiran.
Jangan berusaha untuk menghiburkan aku
dalam hal kebinasaan puteri bangsaku.”

⁵ Sesungguhnya, Tuhan, Allah alam semesta,
menetapkan satu hari kegemparan,
penaklukan, dan kekacauan di Lembah
Penglihatan.

Tembok akan dirobohkan
dan teriakan orang akan sampai ke
pergunungan.

⁶ Elam membawa tabung panah dengan rata
dan pasukan berkuda.

Kir membuka sarung perisainya.

⁷ Lembah-lembahmu yang terbaik dipenuhi
rata,
pasukan berkuda menempatkan diri di pintu
gerbang.

⁸ Allah membuka pertahanan Yehuda.

Pada hari itu engkau melihat persenjataan di Gedung Hutan.

⁹ Kamu memperhatikan bahwa retak-retak begitu banyak di tembok Kota Daud, lalu kamu mengumpulkan air kolam bawah.

¹⁰ Kamu menghitung rumah-rumah di Yerusalem,

lalu kamu merobohkan rumah-rumah itu untuk mengukuhkan tembok.

¹¹ Kamu membuat empangan air di antara kedua-dua tembok itu untuk menampung air daripada kolam lama.

Tetapi kamu tidak memandang kepada Dia yang menjadikan hal itu,

dan tidak mengendahkan Dia yang telah menentukannya sejak lama.

¹² Pada waktu itu Tuhan, Allah alam semesta, menyuruh orang menangis, meratap, menggondolkan kepala, dan memakai kain kabung.

¹³ Tetapi lihat, yang ada malah kegirangan dan kesukaan,

pembantaian lembu dan penyembelihan domba,

makan daging dan minum air anggur!

“Mari kita makan dan minum,

kerana esok kita mati!”

¹⁴ Tuhan alam semesta, menyatakan hal ini dalam pendengaranku, “Sesungguhnya, kesalahan ini tidak akan diampunkan sampai kamu mati,” firman Tuhan, Allah alam semesta.

Tentang Sebna dan Elyakim

¹⁵ Beginilah firman Tuhan, Allah alam semesta, “Pergilah kepada pegawai ini, kepada Sebna yang mengepalai istana, dan katakanlah,

¹⁶ Apa urusanmu di sini dan kamu ada siapa di sini sehingga kaugali kubur bagimu di sini, wahai orang yang menggali kuburnya di tempat tinggi, yang memahat tempat baginya bersemadi di bukit batu?

¹⁷ “Sesungguhnya, Tuhan akan melempar engkau jauh-jauh, wahai manusia!

Dia akan memegang engkau kuat-kuat,

¹⁸ dan menggulung engkau rapat-rapat menjadi satu gulungan, lalu menggolekkan engkau seperti bola ke tanah yang lapang.

Di sanalah engkau akan mati, di sanalah jugalah adanya rata-rata kemuliaanmu,

wahai engkau yang menjadi aib bagi keluarga
tuanmu!

¹⁹ Aku akan memecat engkau daripada
jawatanmu,
dan engkau akan diturunkan daripada
kedudukanmu.

²⁰ “Pada waktu itu, Aku akan memanggil
hamba-Ku, Elyakim anak Hilkia. ²¹ Aku
akan mengenakan baju luarmu kepadanya,
mengikatkan ikat pinggangmu kepadanya, dan
menyerahkan kuasamu ke dalam tangannya. Dia
akan menjadi bapa bagi penduduk Yerusalem
dan bagi keturunan kaum Yehuda. ²² Aku
akan meletakkan kunci istana Daud di atas
bahunya. Jika dia membuka, tidak ada yang
dapat menutup, jika dia menutup, tidak ada
yang dapat membuka. ²³ Aku akan mengukuhkan
kedudukannya seperti pasak di tempat yang
teguh, dan dia akan menjadi takhta kemuliaan
bagi kaum keluarganya.

²⁴ Padanya akan digantungkan segala kemuliaan
kaum keluarganya, anak cucu dan keturunannya
– berserta dengan segala kelengkapan kecil,
dari kelengkapan mangkuk sampai segala
kelengkapan periuk belanga. ²⁵ “Pada waktu
itu,” demikianlah firman Tuhan alam semesta,

“pasak yang telah ditancap di tempat yang teguh tadi akan kehilangan kekuatan. Paku itu akan dipotong lalu jatuh, dan segala tanggungan dan beban yang digantungkan kepadanya akan hancur, kerana Tuhan telah berfirman.”

Pernyataan ilahi tentang Tirus dan Sidon

23 ¹ Pernyataan ilahi tentang Tirus.
Meraung-raunglah, wahai kapal-kapal

Tarsis,

kerana Tirus telah rosak sehingga tidak ada rumah atau pelabuhan lagi.

Hal itu dinyatakan kepada mereka dari Tanah Siprus.

² Berdiam dirilah,

wahai penduduk pesisir,

wahai para saudagar Sidon!

Orang yang memenuhi keperluanmu mengharungi laut.

³ Di perairan luas datang benih dari Sikhor.

Tuaian daerah Sungai Nil ialah penghasilannya, sehingga kota itu menjadi pasar bagi bangsa-bangsa.

⁴ Berasa malulah, wahai Sidon,

kerana laut, iaitu benteng laut, berkata
demikian,

“Aku belum pernah merasakan sakit bersalin
dan belum pernah melahirkan anak.

Aku belum pernah membesarkan anak lelaki,
atau mengasuh anak dara.”

⁵ Apabila khabar itu sampai ke Mesir,
mereka akan gementar mendengar khabar
tentang Tirus.

⁶ Menyeberanglah ke Tarsis,
meraung-raunglah, wahai penduduk pesisir.

⁷ Inikah kotamu yang bersuka ria,
yang asalnya sejak zaman dahulu,
yang kakinya membawa dia pergi
ke tempat yang jauh untuk tinggal sebagai
pendatang di sana?

⁸ Siapakah yang merancangkan hal ini terhadap
Tirus,

kota yang menganugerahkan mahkota,
yang saudagar-saudagarnya penguasa,
yang pedagang-pedagangnya orang mulia di
bumi?

⁹ Tuhan alam semesta, telah merencangkannya,
supaya ternista keangkuhan semua yang indah,
supaya terhina semua yang mulia di bumi.

¹⁰ Lintasilah tanahmu seperti Sungai Nil,
wahai puteri Tarsis,
galangan kapalmu sudah tidak ada lagi.

¹¹ Allah telah menghulurkan tangan-Nya ke atas laut,
dan menggemparkan kerajaan-kerajaan.
Mengenai Kanaan, Tuhan telah memberikan perintah
untuk membinasakan benteng-bentengnya.

¹² Firman-Nya, “Engkau tidak akan bersuka ria lagi,
wahai anak dara yang ditindas,
wahai puteri Sidon!
Segeralah menyeberang ke Siprus!
Di sana pun engkau tidak akan mendapat ketenteraman.”

¹³ Lihatlah negeri orang Kasdim!
Bangsa itu tidak ada lagi!
Orang Asyur menjadikannya tempat haiwan gurun.
Mereka mendirikan menara-menara pengepungan,
lalu meruntuhkan puri-puri kota itu
dan menjadikannya puing-puing.

¹⁴ Meraung-raunglah,
wahai kapal-kapal Tarsis,
kerana bentengmu telah dirosakkan.

¹⁵ Pada waktu itu Tirus akan dilupakan selama tujuh puluh tahun, sepanjang umur seorang raja. Setelah tujuh puluh tahun berlalu, akan

terjadilah kepada Tirus seperti dalam nyanyian perempuan sundal ini:

¹⁶ “Ambillah kecapi, kelilingilah kota,
wahai perempuan sundal yang dilupakan!
Petiklah baik-baik,

nyanyikanlah banyak lagu,
supaya engkau diingat orang.”

¹⁷ Setelah tujuh puluh tahun berlalu, Tuhan akan melawat Tirus. Namun demikian, Tirus akan kembali mencari upah sundal dan berzina dengan semua kerajaan dunia yang ada di muka bumi. ¹⁸ Nanti, keuntungan perniagaannya dan upah sundalnya akan dikhususkan bagi Tuhan, tidak akan ditahan atau disimpan. Keuntungan perniagaannya akan menjadi bahagian kalangan yang tinggal di hadapan Tuhan supaya mereka mendapat makanan yang mengenyangkan dan pakaian yang indah.

Bumi dihancurkan

24 ¹ Sesungguhnya, Tuhan akan membinasakan bumi dan menanduskannya.

Dia akan membalikkan permukaannya dan menceraiberaikan penduduknya.

² Maka nasib yang sama akan menimpa imam sebagaimana umat,
Tuan sebagaimana hamba lelakinya,

cik puan sebagaimana hamba perempuannya,
penjual sebagaimana pembeli,
peminjam sebagaimana pemberi pinjaman,
penghutang sebagaimana pemiutang.

³ Bumi akan binasa sepenuhnya
dan disamun habis-habisan.

Sesungguhnya, Tuhan telah menyampaikan
firman ini.

⁴ Bumi berkabung dan layu,
dunia merana dan layu,
bangsa yang termasyhur di bumi pun merana.

⁵ Bumi dinajiskan oleh penduduknya,
kerana mereka melanggar hukum,
mengubah ketetapan,
dan mengingkari perjanjian yang kekal.

⁶ Itulah sebabnya bumi dimamah kutukan dan
penduduknya menanggung kesalahan
mereka sendiri.

Itulah sebabnya penduduk bumi dihanguskan
sehingga sedikit sahaja orang yang
tertinggal.

⁷ Air anggur berkabung,
pokok anggur merana,
semua orang yang bersuka hati berkeluh-kesah.

⁸ Terhenti sudah kemeriahan bunyi rebana,
tamat sudah kemeriahan orang yang bersuka
ria,
ria bunyi kecapi pun terhenti.

⁹ Orang tidak lagi minum air anggur sambil bernyanyi,

arak terasa pahit bagi peminumnya.

¹⁰ Kota yang kacau itu hancur,
semua rumah tertutup sehingga tidak dapat dimasuki.

¹¹ Orang menjerit di jalan-jalan kerana kekurangan air anggur.

Segala kesukaan menjadi kesuraman,
kegirangan bumi pun hilang.

¹² Di dalam kota hanya terdapat kehancuran,
pintu gerbang musnah diruntuhkan.

¹³ Begitulah akan terjadi di seluruh bumi, di antara bangsa,
iaitu seperti pada waktu orang menjolok buah zaitun,
seperti pada waktu pemetikan susulan apabila penuaian buah anggur telah berakhir.

¹⁴ Mereka menyaringkan suara,
mereka bersorak-sorai,
mereka memekik dari sebelah barat demi keagungan Tuhan.

¹⁵ Oleh sebab itu muliakanlah Tuhan di sebelah timur,

muliakanlah nama Tuhan, Allah Israel,
di daerah-daerah pesisir laut.

¹⁶ Dari hujung bumi kami dengar nyanyian,
"Kemuliaan bagi Yang Maha Benar."

Tetapi kataku, “Merana aku! Merana aku!
Malangnya aku!

Orang khianat berkhianat,
bahkan semakin berkhianat!”

¹⁷ Kengerian, lubang jebak, dan perangkap
menantimu,
wahai penduduk bumi.

¹⁸ Jadi, siapa berlari menghindari bunyi yang
mengerikan itu
akan terperosok ke dalam lubang jebak,
siapa naik dari dalam lubang jebak
akan terkena perangkap.

Sesungguhnya, tingkap-tingkap di langit
terbuka
dan dasar-dasar bumi bergoncang.

¹⁹ Bumi hancur lebur,
bumi pecah belah,
bumi kegoncangan.

²⁰ Bumi terhuyung-huyung seperti orang
mabuk
dan bergoyang-goyang seperti gubuk dilanda
ribut.

Beban segala pelanggarannya amat berat
sehingga ia roboh dan tidak bangkit lagi.

²¹ Pada waktu itu Tuhan akan menghukum para
angkatan di langit dan raja-raja bumi, di
atas bumi.

²² Mereka akan dikumpulkan bersama-sama,

seperti tahanan dikumpulkan di dalam kurungan.^g

Mereka akan dikurung di dalam penjara dan setelah beberapa lama mereka akan dihukum.

²³ Bulan purnama akan mendapat aib dan matahari menjadi malu, kerana Tuhan alam semesta, akan bertakhta di Gunung Sion dan di Yerusalem, dan di hadapan para tua-tua-Nya dengan mulia.

Ucapan syukur kerana musuh musnah

25 ¹ Ya Tuhan, Engkaulah Allahku!
 Aku hendak meninggikan Engkau, aku hendak memuji nama-Mu, kerana Engkau telah melakukan keajaiban, segala rancangan-Mu sejak dahulukala yang setia dan teguh

² Sesungguhnya, Engkau telah membuat kota itu menjadi timbunan batu, kota yang berkubu menjadi puing-puing. Puri orang asing tidak lagi menjadi kota, tidak akan dibangunkan lagi untuk selamanya.

³ Itulah sebabnya suku bangsa yang kuat akan memuliakan Engkau,

^g24:22 Harfiah: Sumur.

kota bangsa-bangsa yang kejam akan takut kepada-Mu.

⁴ Sesungguhnya, Engkau menjadi benteng bagi orang miskin,

benteng bagi orang melarat dalam kesesakan, tempat berlindung daripada angin ribut, naungan daripada panas terik.

Sesungguhnya, hembusan nafas kalangan yang kejam itu

seperti angin ribut yang menerpa tembok,

⁵ seperti panas terik di tempat yang gersang.

Engkau menamatkan cakap besar orang asing.

Seperti panas terik diredam oleh naungan awan,

demikianlah nyanyian mereka yang kejam dihentikan.

Penyelamatan bagi bangsa-bangsa di Sion

⁶ Di gunung ini Tuhan alam semesta,

akan mengadakan jamuan dengan makanan berlemak bagi segala bangsa,

jamuan dengan air anggur yang disimpan lama

—

makanan berlemak dan bersumsum

serta air anggur tersimpan lama yang murni.

⁷ Di gunung ini juga Dia akan menyingkirkan

tudung muka yang menudungi segala suku bangsa

dan selubung yang menyelubungi segala bangsa.

⁸ Dia akan menelan maut untuk selamanya.

Tuhan Allah akan menghapuskan air mata daripada setiap muka, dan menyingkirkan cela umat-Nya dari seluruh bumi, kerana Tuhan telah berfirman.

⁹ Pada waktu itu orang akan berkata, “Sesungguhnya, inilah Allah kita.

Kita sudah menantikan Dia, dan Dia menyelamatkan kita!
Inilah Tuhan.

Kita sudah menantikan Dia!

Mari kita bergembira dan bersukacita dalam penyelamatan yang dikurniakan-Nya!”

¹⁰ Kuasa Tuhan akan melindungi gunung ini, sedangkan Moab akan diirik di tempatnya seperti jerami diirik di lubang kotoran.

¹¹ Moab akan merentangkan tangan di dalamnya sebagaimana perenang merentangkan tangan untuk berenang,

25:8 a: 1Kor 15:54; **b:** Why 7:17; 21:4.

25:10: Yes 15:1—16:14; Yer 48:1-47; Yeh 25:8-11; Am 2:1-3; Zef 2:8-11.

tetapi Tuhan akan meruntuhkan
keangkuhannya bersama dengan
tipu daya tangannya.

¹² Tembok-tebokmu yang berkubu dan tinggi
akan dirobuhkan-Nya,
direndahkan-Nya,
dan diratakan-Nya dengan tanah serta debu.

Lantunan puji-pujian

26 ¹ Pada waktu itu lantunan pujian ini akan
dikumandangkan di Tanah Yehuda:

“Kita mempunyai kota yang kuat.

Keselamatan didirikan-Nya
sebagai tembok dan benteng.

² Bukalah pintu-pintu gerbang,
supaya masuk bangsa yang benar,
yang berpegang teguh pada kesetiaan!

³ Engkau akan menjaga orang yang tekadnya
teguh

dengan damai yang sempurna
kerana dia percaya kepada-Mu.

⁴ Percayalah kepada Tuhan untuk selama-
lamanya,

kerana Tuhan Allah sajalah, batu pejal yang
kekal.

⁵ Dia menundukkan penduduk tempat tinggi,
Dia merendahkan kota yang menjulang.
Direndahkan-Nya kota itu sampai ke tanah,

dan diratakan-Nya dengan debu.

⁶ Kaki orang menginjak-injaknya –
kaki orang yang tertindas,
telapak kaki orang miskin.”

⁷ Jalan orang benar itu lurus.
Engkau, Yang Maha Tulus,
meratakan jalan orang benar.

⁸ Juga di jalan keadilan-Mu, ya Tuhan,
kami menantikan Engkau.

Nama-Mu dan kemasyhuran-Mu
sememangnya kesukaan hati kami.

⁹ Hatiku merindukan Engkau pada malam hari,
bahkan roh di dalam diriku mencari hadirat-Mu
pada pagi hari.

Apabila keadilan-Mu berlaku di bumi,
maka penduduk dunia akan belajar tentang
perbenaran.^h

¹⁰ Sekalipun orang fasiq dikasihani,
dia tidak belajar tentang perbenaran.
Di negeri orang jujur pun dia berlaku zalim
dan tidak mahu memandang keagungan Tuhan.

¹¹ Ya Tuhan, tangan-Mu terangkat untuk
menghukum,
tetapi mereka tidak melihatnya.

^h**26:9** Perbenaran: Merangkumi makna keadilan dan hidup yang tulus dan benar.

Biarlah mereka melihat semangat-Mu yang meluap-luap bagi umat-Mu sehingga mereka malu.

Ya, biarlah api bagi lawan-lawan-Mu melahap mereka.

¹² Ya Tuhan, Engkau akan menetapkan kesejahteraan bagi kami, kerana Engkau juga yang telah melakukan segala pekerjaan kami bagi kami.

¹³ Ya Tuhan, Allah kami, selain Engkau tuan-tuan lain pernah menguasai kami, tetapi nama-Mu sahaja yang kami masyhurkan.

¹⁴ Mereka telah mati, tidak akan hidup lagi, mereka telah menjadi arwah, tidak akan bangkit lagi.

Demikianlah Engkau telah menghukum dan memusnahkan mereka, serta melenyapkan segala ingatan tentang mereka.

¹⁵ Engkau telah menambah jumlah bangsa ini, ya Tuhan.

Engkau telah menambah jumlah bangsa ini. Engkau dipermulia, Engkau memperluas seluruh batas negeri ini.

¹⁶ Ya Tuhan, mereka mencari hadirat-Mu dalam kesesakan.

Mereka mencurahkan doa

apabila hukuman-Mu menimpa mereka.

¹⁷ Seperti perempuan yang mengandung
menggeliat kesakitan, berteriak-teriak kerana
sakit

apabila mendekati waktu bersalin,
demikianlah tadinya keadaan kami di
hadapan-Mu, ya Tuhan.

¹⁸ Kami mengandung dan kami menggeliat
kesakitan,

tetapi seolah-olah kami melahirkan angin.
Kami tidak membawa penyelamatan bagi bumi
dan tidak melahirkan penduduk bagi dunia.

¹⁹ Kalangan umat-Mu yang mati akan hidup
kembali,

mayat mereka akan bangkit kembali.

Wahai kamu yang berdiam dalam debu,
bangunlah dan bersorak-sorailah!

Sesungguhnya, embun-Mu seperti embun
terang

dan bumi akan melahirkan arwah kembali.

²⁰ Mari bangsaku, masuklah ke dalam bilikmu
dan tutuplah pintu di belakangmu.

Sembunyikanlah dirimu sesaat lamanya sampai
murka berlalu.

²¹ Sesungguhnya, Tuhan hendak datang dari
kediaman-Nya di syurga

untuk menghukum penduduk bumi kerana
kesalahannya.

Bumi akan memperlihatkan darah yang
tertumpah di atasnya,
dan tidak akan lagi menutupi mayat orang yang
tewas di atasnya.

Israel diselamatkan

27 ¹ Pada waktu itu Tuhan akan menjatuhkan
hukuman

dengan pedang-Nya yang keras, besar, dan kuat
terhadap Lewiatan, ular yang meluncur,
terhadap Lewiatan, ular yang melingkar,
dan Dia akan membunuh naga yang berada di
laut.

² Pada waktu itu akan dikatakan:

“Bernyanyilah tentang kebun anggur yang
indah!

³ Aku, Tuhan, penjaganya.

Aku menyiraminya setiap saat.
Aku menjaganya siang dan malam
supaya tidak ada yang mengusiknya.

⁴ Tidak ada murka pada-Ku.

Sekiranya ada duri dan onak,
Aku akan maju untuk membasminya,
Aku akan membakar semuanya.

⁵ Kalau tidak mahu begitu,

biarlah mereka mencari perlindungan
daripada-Ku,
biarlah mereka mengadakan perdamaian
dengan-Ku,
ya, biarlah mereka mengadakan perdamaian
dengan-Ku.”

⁶ Pada masa yang akan datang Yakub akan
berakar,
Israel akan berbunga dan bertunas.
Mereka akan memenuhi permukaan bumi
dengan buah.

⁷ Adakah Dia menghukum mereka seperti Dia
menghukum orang yang memusnahkan
mereka?

Adakah mereka dibunuh seperti terbunuhnya
orang yang membunuh mereka?

⁸ Dengan menghalau dan dengan mengusir
mereka Engkau telah melawan mereka.
Dia memindahkan mereka dengan angin-Nya
yang kencang pada waktu angin timur
bertiup.

⁹ Demikianlah melalui hal ini kesalahan Yakub
akan dihapuskan,
dan inilah hasil sepenuhnya kalau dia
menyingkirkan dosa-dosanya:
apabila dia membuat semua batu mazbah
jadi seperti batu-batu kapur yang
dipecah-pecahkan,

maka patung-patung Asyera dan tugu-tugu
mazbah dupa tidak akan berdiri lagi.

¹⁰ Kota yang berkubu itu sudah terpencil,
suatu tempat kediaman yang ditinggalkan dan
terbiar seperti gurun.

Di sana anak lembu meragut,
di sana lembu-lembu itu berbaring
dan menghabiskan dahan-dahan pokok.

¹¹ Apabila ranting-rantingnya sudah kering,
semuanya dipatahkan,
lalu datanglah para perempuan menyalakan api
dengan ranting-ranting itu.

Iniilah bangsa yang tidak berpengertian,
sebab itulah Yang Menjadikan mereka tidak
menyayangi mereka,
dan Yang Membentuk mereka tidak berbelas
kasihan kepada mereka.

¹² Pada waktu itu Tuhan akan membanting
mulai aliran Sungai Efrat sampai ke Wadi Mesir.
Kamu akan dikumpulkan satu demi satu, wahai
orang Israel.

¹³ Pada waktu itu sangkakala yang besar akan
ditiup. Orang yang hampir binasa di Tanah Asyur
dan orang yang terbuang di Tanah Mesir akan
datang menyembah Tuhan di gunung yang suci
di Yerusalem.

Nubuat terhadap Samaria

28¹ Malangnya mahkota kemegahan para pemabuk Efraim

dan bunga layu yang amat mulia keindahan,
yang ada di kepala lembah subur,
tempat orang tersungkur oleh air anggur!

² Lihat, pada Tuhan ada seorang yang kuat dan tegap.

Seperti angin ribut disertai hujan batu,
iaitu badai yang membinasakan,
seperti angin ribut disertai air bah yang meluap-luap,

dia akan menghempaskan mereka ke bumi dengan tangannya.

³ Mahkota kemegahan para pemabuk Efraim akan diinjak-injak orang.

⁴ Bunga layu, iaitu perhiasannya yang indah, yang ada di atas kepala lembah subur itu, akan menjadi seperti buah ara yang masak sebelum musim panas.

Sebaik sahaja orang melihat dan mengamatinya, buah itu segera dipetik dan ditelan.

⁵ Pada waktu itu Tuhan alam semesta, akan menjadi seperti mahkota yang mulia dan seperti perhiasan kepala yang indah bagi saki-baki umat-Nya.

⁶ Dia akan menjadi roh keadilan bagi orang yang duduk mengadili, dan menjadi kekuatan bagi orang yang menangkis serangan di pintu gerbang.

Terhadap pemimpin-pemimpin sesat di Yerusalem

⁷ Mereka ini pun terhuyung-hayang kerana air anggur dan tersandung kerana minuman keras:

baik imam mahupun nabi terhuyung-hayang kerana minuman keras.

Mereka kacau oleh air anggur, mereka terhuyung-huyung oleh minuman keras.

Mereka terhuyung-hayang apabila menerima penglihatan, goyah pergerakan mereka ketika memberikan keputusan.

⁸ Sungguh, semua meja penuh dengan muntah dan kotoran,

sehingga tidak ada lagi tempat yang bersih.

⁹ “Kepada siapa dia mengajarkan pengetahuan? Kepada siapa dia menjelaskan pesannya?

Kepada anak yang baru disapih, kepada anak yang baru cerai susu?

¹⁰ Kerana ada perintah demi perintah, perintah demi perintah,

baris demi baris, baris demi baris,
sedikit di sini, sedikit di sana.”

¹¹ Kalau begitu, Dia akan berfirman kepada bangsa ini dengan bibir orang asing dan dengan bahasa asing.

¹² Dia berfirman kepada mereka, “Inilah tempat peristirahatan, berikanlah istirahat kepada orang yang lelah. Inilah tempat penyegaran!”

Tetapi mereka tidak mahu mendengar.

¹³ Jadi, firman Tuhan kepada mereka, “Perintah demi perintah, perintah demi perintah,

baris demi baris, baris demi baris, sedikit di sini, sedikit di sana,” supaya mereka pergi dan jatuh terlentang, terluka, terjerat, dan tertangkap.

¹⁴ Oleh sebab itu dengarlah firman Tuhan, wahai kalangan pencemuh, yang memerintah rakyat di Yerusalem ini!

¹⁵ Kamu berkata, “Kami sudah mengikat perjanjian dengan maut, dan dengan alam kubur jua kami sudah membuat persetujuan.

Meskipun cambuk yang mendera itu datang, kami tidak akan kena,

kerana kami jadikan dusta sebagai perlindungan kami,

dan di balik kebohongan kami bersembunyi.”

¹⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah,

“Lihat, Aku meletakkan batu asas di Sion,

sebuah batu yang teruji,

sebuah batu penjuru yang berharga untuk asas yang teguh.

Sesiapa yang percaya tidak akan berasa cemas.

¹⁷ Aku akan membuat keadilan jadi tali pengukur

dan perbenaranⁱ jadi tali ladung.

Hujan batu akan menyapu perlindungan dusta itu

dan air bah akan meliputi persembunyianmu.

¹⁸ Perjanjianmu dengan maut akan dimansuhkan

dan persetujuanmu dengan alam kubur tidak akan tetap berlaku.

Apabila cambuk yang mendera itu datang, kamu akan dilindas olehnya.

¹⁹ Setiap kali cambuk itu datang,

kamu akan dikenakannya, kerana pagi demi pagi ia akan datang,

ⁱ**28:17** Perbenaran: Membawa maksud kejujuran, ketelusan serta keikhlasan.

28:16: Mzm 118:22,23; Rm 9:33; 10:11; 1Ptr 2:6.

siang ataupun malam.

Memahami pesan itu hanya akan menjadi
suatu kengerian belaka.”

²⁰ Tempat tidur terlalu pendek untuk berlunjur,
dan selimut terlalu kecil untuk dipakai untuk
menyelubungi diri.

²¹ Sesungguhnya, Tuhan akan bertindak seperti
di Gunung Perasim,

Dia akan murka seperti di Lembah Gibeon,
untuk melakukan perbuatan-Nya,
perbuatan-Nya yang aneh,
dan untuk melaksanakan pekerjaan-Nya,
pekerjaan-Nya yang ganjil.

²² Sekarang, jangan mencemuh,
supaya tali pengikatmu tidak ditegangkan.
Sesungguhnya, aku mendengar tentang
kesudahan yang telah ditentukan,
yang berasal daripada Tuhan, Allah alam
semesta, bagi seluruh bumi.

Kebijaksanaan Allah

²³ Pasanglah telinga dan dengarlah suaraku!
Perhatikanlah dan dengarlah kata-kataku!

²⁴ Adakah pembajak tanah membajak setiap
hari untuk menyemai benih?

Adakah ia terus mencangkul dan menyisir
tanahnya?

²⁵ Bukankah setelah meratakan permukaan
tanah,

ia menaburkan jintan hitam dan menebarkan
jintan putih,

menaruh gandum berderet-deret,
barli pada tempatnya,
dan sekoi di pinggirnya?

²⁶ Dia diajar cara yang tepat,
Allahnya mengarahkan dia.

²⁷ Jintan hitam tidak diirik dengan pengirik,
dan roda pedati tidak digunakan untuk
mengisar jintan putih,

tetapi jintan hitam dipukul-pukul dengan
tongkat dan jintan putih dengan batang
kayu.

²⁸ Gandum roti harus dilumatkan,
kerana orang tidak akan mengirikinya
terus-menerus.

Sekalipun orang mengenderai roda pedati dan
kudanya di atas gandum itu,
ia tidak akan menggilingnya.

²⁹ Hal ini pun datangnya daripada Tuhan alam
semesta.

Dia ajaib dalam nasihat-Nya
dan agung dalam hikmah-Nya.

Yerusalem terkepung tetapi diselamatkan

29 ¹ Malangnya Ariel, Ariel, kota tempat Daud pernah berkhemah!

Biarlah berlanjut tahun demi tahun,
biarlah perayaan silih berganti!

² Aku akan mengancam Ariel,
sehingga terdengar ratapan dan keluhan di
dalamnya.

Dia akan menjadi seperti pendiangan mazbah
bagi-Ku.

³ Aku akan mendirikan perkhemahan
mengelilingi engkau
dan menghimpit engkau dengan menara-
menara pengepungan.

Aku akan menegakkan kubu-kubu terhadap
engkau.

⁴ Engkau akan direndahkan
dan berbicara dari dalam tanah,
kata-katamu akan terdengar sayup-sayup dari
dalam debu.

Suaramu akan terdengar seperti suara
pemanggil arwah dari dalam tanah,
dan katamu akan berbisik-bisik dari dalam
debu.

⁵ Tetapi pasukan lawanmu akan menjadi seperti
debu halus,

pasukan orang kejam itu akan seperti sekam
yang diterbangkan angin.

Hal itu terjadi dengan tiba-tiba,
dalam sekelip mata.

⁶ Tuhan alam semesta, akan melawat engkau
dengan guruh, gempa, dan keriuhan besar,
dengan angin puting beliung, badai, dan nyala
api yang menghanguskan.

⁷ Maka pasukan segala bangsa yang memerangi
Ariel,

semua orang yang memeranginya dan kubu
pertahanannya,

serta orang yang menyesakkan dia,
akan menjadi seperti mimpi,
seperti penglihatan pada malam hari.

⁸ Jadi, seperti seorang yang lapar
bermimpi dia sedang makan
tetapi apabila terjaga ternyata perutnya masih
kosong,

seperti seorang yang dahaga
bermimpi dia sedang minum
tetapi apabila terjaga ternyata dia semakin
lemah dan kerongkongannya masih haus,
demikianlah halnya dengan pasukan segala
bangsa yang memerangi Gunung Sion.

Bangsa yang buta

⁹ Berhentilah dan tercenganglah,

butakanlah matamu dan jadilah buta!

Mereka mabuk, tetapi bukan kerana air anggur, mereka terhuyung-hayang, tetapi bukan kerana minuman keras.

¹⁰ Tuhan mencurahimu roh yang membuat kamu tidur lelap.

Dia menutup matamu, iaitu para nabi, dan menudungi kepalamu, iaitu para pelihat.

¹¹ Bagimu segala penglihatan tentang semua itu seperti isi sebuah kitab yang termaterai. Kalau kitab itu diberikan kepada seorang yang tahu membaca, dengan permintaan: “Tolong bacakan ini,” maka dia akan menjawab, “Aku tidak boleh, kerana kitab ini termaterai.” ¹² Atau, kalau kitab itu diberikan kepada seorang yang tidak tahu membaca, dengan permintaan: “Tolong bacakan ini,” maka ia akan menjawab, “Aku tidak tahu membaca.”

¹³ Tuhan berfirman,

“Bangsa ini mendekati-Ku dengan mulut dan menghormati-Ku dengan bibir, padahal hati mereka jauh daripada-Ku. Ibadat mereka kepada-Ku hanya berasaskan peraturan yang diajarkan manusia.

¹⁴ Maka sesungguhnya, Aku akan melakukan lagi hal yang ajaib kepada bangsa ini, hal yang ajaib dan menakjubkan. Kebijaksanaan orang yang bijak akan musnah, dan kepandaian orang yang pandai akan lenyap.”

¹⁵ Malangnya orang yang menyembunyikan rancangannya sedalam-dalamnya daripada Tuhan.

Mereka melakukan pekerjaan dalam gelap dan berkata,

“Siapakah yang melihat kita?
Siapakah yang mengenali kita?”

¹⁶ Kamu memutarbelitkan perkara!
Masakan tukang periuk dianggap sama dengan tanah liat,
sehingga barang yang dibuat dapat berkata tentang pembuatnya,
“Dia tidak membuat aku,”
atau barang yang dibentuk berkata tentang pembentuknya,
“Dia tidak mengerti apa-apa”?

Penyelamatan sesudah penindasan

¹⁷ Bukankah dalam sedikit masa sahaja lagi
Lebanon akan diubah menjadi ladang yang
subur,

dan ladang yang subur akan dianggap hutan?

¹⁸ Pada waktu itu kalangan tuli akan mendengar
isi kitab,

dan mata kalangan buta akan celik,
dibebaskan daripada kekelaman dan kegelapan.

¹⁹ Orang yang tertindas akan semakin
bersukacita kerana Tuhan,

dan golongan fakir miskin akan bergembira
kerana Yang Maha Suci, Allah Israel.

²⁰ Sesungguhnya, orang kejam akan ditiadakan,
pencemuh akan dihancurkan,
dan semua orang yang berniat jahat akan
dilenyapkan.

²¹ Mereka inilah yang menyatakan seseorang
itu bersalah melalui fitnah,

yang memasang jerat bagi pembela dalam
sidang pengadilan,

dan yang memutarbelitkan hak orang benar
dengan alasan yang bukan-bukan.

²² Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, yang
menebus Abraham, tentang keturunan kaum
Yakub,

“Sekarang Yakub tidak akan malu lagi,

sekarang mukanya tidak akan pucat lagi.

²³ Apabila mereka melihat anak-anak mereka,
iaitu buatan tangan-Ku,
berada di tengah-tengah mereka,
maka mereka akan menjaga kesucian nama-Ku.
Mereka akan menyatakan kesucian Yang Maha
Suci, Allah Yakub,
dan akan berasa gentar kepada Allah Israel.

²⁴ Orang yang fikirannya sesat akan mendapat
pengertian,
dan orang yang bersungut-sungut akan
menerima pengajaran.”

Allah yang memberi pertolongan

30 ¹ “Malangnya kanak-kanak yang
memberontak!” demikianlah firman
Tuhan,

“Mereka melaksanakan rancangan,
tetapi bukan rancangan-Ku,
mereka membentuk persekutuan,
tetapi bukan atas dorongan roh-Ku,
sehingga mereka menambah dosa demi dosa.

² Mereka pergi ke Mesir
tanpa mendapatkan petunjuk-Ku,
untuk memperkuat kedudukan di bawah kuasa
Firaun
dan untuk berlindung di bawah naungan Mesir.

³ Oleh sebab itu kuasa Firaun hanya akan membawa keaiban buatmu, dan perlindungan di bawah naungan Mesir akan membuatmu menanggung malu.

⁴ Sekalipun para penguasanya sudah ada di Zoan

dan para utusannya sudah sampai ke Hanes,

⁵ mereka semua akan malu kerana bangsa yang tidak dapat memberikan faedah kepada mereka –

tidak dapat memberi pertolongan atau faedah, malah mendatangkan malu dan juga cela.”

⁶ Pernyataan ilahi tentang binatang-binatang di Tanah Negeb.

Melalui tanah yang penuh kesesakan dan kesulitan,

tempat singa betina dan singa jantan,

tempat ular berbisa dan naga terbang,

mereka mengangkut kekayaan mereka di atas belakang keldai

dan harta mereka di atas bonggol unta

kepada bangsa yang tidak dapat memberikan faedah.

⁷ Pertolongan Mesir itu sia-sia dan tidak berguna,

sebab itu Aku menamai dia begini,

“Rahab yang duduk menganggur.”

⁸ Sekarang pergilah, tuliskanlah hal itu bagi mereka pada sebuah loh, dan suratkanlah dalam sebuah kitab, supaya itu menjadi kesaksian untuk masa yang akan datang, untuk selama-lamanya.

⁹ Mereka ini bangsa yang derhaka, anak-anak yang suka berdusta, anak-anak yang tidak mahu mendengar hukum Tuhan.

¹⁰ Mereka berkata kepada para pelihat, "Jangan menelah lagi," dan kepada para nabi, "Jangan menilik apa yang benar bagi kami.

Katakanlah hal-hal yang manis kepada kami; Katakanlah hal-hal khayalan.

¹¹ Menyisihlah dari laluan, menjauhlah dari jalan ini!

Biarlah Yang Maha Suci, Allah Israel itu, menyingkir meninggalkan kami!"

¹² Oleh sebab itu beginilah firman Yang Maha Suci, Allah Israel,

"Kerana kamu menolak firman ini, menaruh harapan kepada pemerasan dan muslihat,

serta bergantung kepadanya,

¹³ maka kesalahanmu ini seperti tembok tinggi yang retak dan hampir jatuh,

yang tersembul pada tembok tinggi,
yang kehancurannya datang dengan tiba-tiba,
dalam sekelip mata.

¹⁴ Kehancurannya seperti kehancuran
tempayan tukang periuk yang diremukkan
tanpa rasa sayang,
sehingga antara pecahannya
tidak didapati sekeping pun yang dapat
digunakan untuk mengambil api dari
pendiangan
atau untuk mencedok air dari dalam takungan.”

¹⁵ Beginilah firman Tuhan Allah, Yang Maha
Suci, Allah Israel,

“Dengan bertaubat dan bertenang,
kamu akan diselamatkan.

Dengan berdiam diri dan percaya,
terdapatnya kekuatanmu.”

Tetapi kamu tidak mahu!

¹⁶ Sebaliknya, kamu berkata,

“Tidak, kami akan lari menaiki kuda.”

Oleh sebab itu kamu akan melarikan diri!

“Kami akan menunggang kuda yang tangkas.”

Oleh sebab itu para pengejarmu pun memang
tangkas!

¹⁷ Seribu orang akan lari kerana gertakan
seorang.

Dengan gertakan lima orang kamu semua akan
melarikan diri,

sampai kamu ditinggalkan seperti tiang di
puncak gunung
dan seperti panji-panji di atas bukit.

Janji penyelamatan bagi Sion

¹⁸ Itulah sebabnya Tuhan menanti-nantikan
saat untuk mengasihani kamu,
itulah sebabnya Dia bangkit untuk menyayangi
kamu,

kerana Tuhan sememangnya Allah yang adil.
Berbahagialah semua orang yang menanti-
nantikan Dia!

¹⁹ Sungguh, wahai rakyat Sion yang tinggal
di Yerusalem, kamu tidak akan menangis
lagi. Dia pasti mengasihani engkau apabila
Dia mendengar suara engkau berseru-seru,
dan Dia akan menjawab engkau apabila Dia
mendengarnya. ²⁰ Sekalipun Tuhan memberikan
roti kesukaran dan air kesusahan kepadamu,
guru-gurumu tidak akan menyembunyikan diri
lagi. Matamu akan melihat guru-gurumu itu
²¹ dan telingamu akan mendengar perkataan ini
dari belakangmu: "Inilah jalannya, tempuhilah"
apabila kamu menyimpang ke kanan atau ke kiri.
²² Kamu akan menganggap najis patung-patung
ukiranmu yang disalut perak dan patung-patung
tuanganmu yang dilapisi emas. Semua itu akan
kamu hancurkan seperti kain cemar sambil

berkata kepadanya, “Nyahlah!”²³ Dia akan menurunkan hujan bagi benih yang kautabur di tanahmu. Makanan hasil tanahmu akan menjadi bernas dan berzat. Pada waktu itu ternakanmu akan meragut rumput di padang yang luas.²⁴ Lembu dan keldai yang mengerjakan tanah akan memakan makanan ternak yang baik, yang telah ditampi dengan penyodok dan penggembur.²⁵ Di atas setiap gunung yang tinggi dan di atas setiap bukit yang menjulang akan ada sungai dan aliran air pada hari pembunuhan besar-besaran, apabila menara-menara roboh.²⁶ Cahaya bulan purnama akan seperti cahaya matahari, dan cahaya matahari akan menjadi tujuh kali lipat ganda, seperti cahaya tujuh hari, pada waktu Tuhan membalut luka umat-Nya dan menyembuhkan bekas hukuman-Nya.

Hukuman Allah terhadap Asyur

²⁷ Sesungguhnya, kemasyhuran Tuhan tersiar dari jauh.

Murka-Nya menyala-nyala dan asap bergumpal-gumpal.

Titah-Nya penuh dengan amarah dan sabda-Nya seperti api yang menghanguskan.

²⁸ Hembusan nafas-Nya seperti sungai yang meluap-luap,

yang dalamnya mencapai setengah leher.
Dia hendak menampi bangsa-bangsa dengan
nyiru kebinasaan,
dan memasang kekang yang menyesatkan pada
rahang suku-suku bangsa.

²⁹ Tetapi kamu akan menyanyikan sebuah lagu
seperti pada malam apabila orang mengadakan
perayaan suci.

Kamu akan bersuka hati
seperti pada waktu orang berarak-arakan
sambil meniup seruling
untuk pergi ke gunung Tuhan,
ke Batu Pejal Israel.

³⁰ Tuhan akan memperdengarkan suara-Nya
yang mulia
dan memperlihatkan kuasa-Nya yang turun
menimpa
dengan murka yang dahsyat dan nyala api yang
menghanguskan,
dengan hujan lebat, angin ribut,
dan hujan batu.

³¹ Sungguh, oleh suara Tuhan hancurlah orang
Asyur apabila tongkat-Nya menghukum
mereka.

³² Setiap deraan tongkat hukuman yang
dijatuhkan Tuhan kepada mereka
akan diiringi bunyi rebana dan kecapi.

Dia akan memerangi orang Asyur dalam peperangan yang berkecamuk.

³³ Tempat pembakaran telah ditata sejak dahulu, ya, itu disiapkan untuk raja.

Tempat itu dalam dan luas,

timbunannya penuh api dan kayu.

Nafas Tuhan yang laksana sungai belerang, akan menyalakannya.

Allah satu-satunya penolong

31 ¹ Malangnya orang yang pergi ke Mesir untuk meminta tolong!

Mereka bergantung pada kuda-kuda, mereka menaruh harapan pada rata yang begitu banyak

dan pasukan berkuda yang begitu kuat; mereka tidak bersandar kepada Yang Maha Suci, Allah Israel,

dan tidak mencari petunjuk Tuhan.

² Namun begitu, Dia bijak dan boleh mendatangkan malapetaka.

Dia tidak akan menarik firman-Nya, melainkan akan segera melawan keturunan kaum yang berbuat jahat dan melawan penolong segala orang yang melakukan kejahatan.

³ Orang Mesir hanyalah manusia, bukan Allah,
kuda-kuda mereka hanyalah makhluk
fana, bukan roh.

Jika Tuhan menghulurkan tangan-Nya,
maka orang yang menolong akan terantuk
dan orang yang ditolong akan jatuh.

Semuanya akan binasa bersama-sama.

⁴ Beginilah firman Tuhan kepadaku,
“Seperti singa atau singa muda mengaum
mempertahankan mangsanya –
sekalipun sekelompok gembala dipanggil
melawannya,
ia tidak akan kecut hati mendengar suara
mereka
dan tidak mengalah terhadap keriuhan mereka

–

demikianlah Tuhan alam semesta,
akan datang berperang mempertahankan
Gunung Sion dan bukitnya.

⁵ Seperti burung terbang melayang,
demikianlah Tuhan alam semesta,
akan melindungi Yerusalem.

Dia akan melindungi dan menyelamatkannya,
Dia akan memeliharanya dan
menyelamatkannya.

⁶ Kembalilah kepada Dia yang kepada-Nya kamu
memberontak, wahai orang Israel! ⁷ Sungguh,
pada waktu itu setiap orang akan membuang

berhala peraknya dan berhala emasnya, yang dibuat oleh tanganmu sehingga mendatangkan dosa.

⁸ Orang Asyur akan tewas oleh pedang,
tetapi bukan pedang orang,
mereka akan dibinasakan oleh pedang yang
bukan pedang manusia itu.

Mereka akan berlari menghindari pedang,
dan para pemudanya akan menjadi buruh
paksa.

⁹ Pelindung mereka akan lenyap kerana gentar,
dan para penguasa mereka kecut hati melihat
panji-panji itu,”
demikianlah firman Tuhan,
yang mempunyai api di Sion
dan pendiangan di Yerusalem.

Raja yang adil

32 ¹ Sesungguhnya, seorang raja akan bertakhta dalam perbenaran^j
dan para penguasa akan memerintah dalam keadilan.

² Mereka masing-masing akan menjadi

^j**32:1** Perbenaran: Membawa maksud kesaksamaan dan keadilan.

seperti tempat berteduh terhadap angin dan
tempat persembunyian terhadap angin
ribut,

seperti aliran air di tempat yang gersang,
seperti naungan bukit batu yang besar di tanah
yang tandus.

³ Mata orang yang melihat tidak lagi akan
tertutup

dan telinga orang yang mendengar akan
mengendahnya.

⁴ Hati orang yang terburu nafsu akan
memahami pengetahuan

dan lidah orang gagap akan berbicara dengan
lancar serta jelas.

⁵ Orang bodoh tidak akan lagi disebut mulia
dan si penjahat tidak akan dikatakan
terhormat.

⁶ Orang bodoh itu mengatakan kebodohan dan
hatinya merancang kejahatan.

Dia hendak berbuat munafik

dan mengatakan hal yang sesat tentang Tuhan.

Dia hendak membiarkan orang lapar kosong
perut

dan membuat orang dahaga kekurangan
minuman.

⁷ Penipu itu buruk kelakuannya.

Dia merancang muslihat

untuk menghancurkan orang miskin dengan
kata-kata dusta,

sekalipun orang melarat itu membela haknya.

⁸ Tetapi orang yang mulia merancang hal-hal
yang mulia dan dia berdiri teguh dalam
hal-hal yang mulia itu.

**Peringatan bagi
perempuan-perempuan Yerusalem**

⁹ Wahai kaum wanita yang hidup aman,
bangunlah, dengarlah suaraku.

Wahai anak-anak perempuan yang hidup aman,
amatilah kata-kataku.

¹⁰ Dalam waktu setahun lebih kamu akan
gementar,

wahai orang yang hidup aman,
kerana tuaian buah anggur akan gagal dan
masa pengumpulan buah tidak akan tiba.

¹¹ Gementarlah, wahai kaum wanita yang hidup
aman!

Menggigillah, wahai kaum wanita yang hidup
aman!

Tanggalkanlah dan lucutilah pakaianmu,
kenakanlah kain kabung pada pinggangmu.

¹² Pukullah dada kerana ladang-ladang yang
indah,

dan pokok anggur yang berbuah lebat,

¹³ kerana tanah bangsaku,

yang ditumbuhi onak dan duri –
ya, kerana semua tempat bersenang-senang di
kota yang penuh suka ria.

¹⁴ Puri-puri akan ditinggalkan,
keramaian kota akan berubah menjadi
kesepian.

Bukit dan menara tinjau akan menjadi sarang
haiwan untuk selama-lamanya,
menjadi tempat bersenang-senang keldai liar
dan padang ragut bagi kawanan ternakan.

¹⁵ Sehingga roh dicurahkan kepada kita dari
tempat tinggi,

barulah gurun menjadi ladang yang subur
dan ladang yang subur dianggap hutan;

¹⁶ barulah keadilan berada di gurun
dan perbenaran menetap di ladang yang subur.

¹⁷ Hasil perbenaran ialah kedamaian,
kesan perbenaran ialah kesentosaan
dan keamanan untuk selama-lamanya.

¹⁸ Bangsaku akan tinggal di tempat kediaman
yang damai,

di tempat penghunian yang aman,
dan di tempat peristirahatan yang aman.

¹⁹ Hujan batu akan merobohkan hutan dan kota
akan diruntuhkan sama sekali.

²⁰ Berbahagialah kamu yang menabur benih di
tepi segala tempat berair,

yang melepaskan lembu dan keldai berkeliaran di sana.

Allah ialah Penolong dan Raja di Sion

33 ¹ Malangnya engkau, wahai pemusnah, yang belum pernah dimusnahkan;

dan engkau, wahai pengkhianat, yang belum pernah dikhianati!

Setelah engkau selesai memusnahkan, engkau pun akan dimusnahkan;

setelah engkau usai berkhianat, engkau pun akan dikhianati.

² Ya Tuhan, kasihanilah kami.

Kami menantikan Engkau!

Jadilah kekuatan kami tiap-tiap pagi, dan penyelamatan kami pada masa kesesakan.

³ Suku-suku bangsa melarikan diri mendengar bunyi gemuruh,

dan bangsa-bangsa tercerai-berai apabila Engkau diagungkan.

⁴ Orang mengumpulkan jarahan seperti belalang pemusnah mengumpulkan makanan.

Seperti serbuan kawan belalang, demikianlah mereka menyerbunya.

⁵ Tuhan ditinggikan, kerana Dia bersemayam di tempat yang tinggi.

Dia memenuhi Sion dengan keadilan dan perbenaran.^k

⁶ Pada zamanmu akan ada keamanan, kelimpahan penyelamatan, kebijaksanaan, dan pengetahuan.

Takut kepada Tuhan, itulah harta Sion.

⁷ Lihat, para pahlawan mereka berseru-seru di jalan,

para utusan perdamaian menangis getir.

⁸ Jalan-jalan raya sunyi, tidak ada lagi orang yang melintas di jalan.

Perjanjian diingkari, kota-kota dipandang hina, dan manusia tidak diendahkan.

⁹ Bumi berkabung dan merana.

Lebanon mendapat aib dan menjadi layu, Saron menjadi seperti gurun, Basan dan Karmel meluruhkan daun.

¹⁰ "Sekarang Aku akan bertindak," demikianlah firman Tuhan,

"sekarang Aku akan ditinggikan, sekarang Aku akan dijunjung!

¹¹ Kamu mengandung sekam, dan melahirkan tunggul jerami.

^k**33:5** Perbenaran: Merujuk kepada sifat Allah yang saksama, adil dan benar.

Nafasmu seperti api yang menghanguskan dirimu sendiri.

¹² Bangsa-bangsa akan dibakar menjadi abu, seperti semak duri yang ditebaskan lalu dibakar habis.”

¹³ Wahai kamu yang jauh,
dengarlah apa yang telah Kulakukan!

Wahai kamu yang dekat,
akuilah keperkasaan-Ku!

¹⁴ Orang berdosa di Sion ketakutan.

Kegentaran mencengkam para munafik.

“Siapakah antara kita dapat tinggal dalam api yang membakar selama-lamanya?

Sesiapa antara kita dapat tinggal dalam api yang membakar dengan kekal ini?”

¹⁵ Orang yang hidup dalam kebenaran dan yang bercakap jujur,

yang menolak laba hasil pemerasan,

yang mengebaskan tangannya supaya tidak menerima rasuah,

yang menutup telinganya supaya tidak mendengar rancangan penumpahan darah,

dan yang memejamkan matanya supaya tidak melihat kejahatan,

¹⁶ dialah yang akan mendiami tempat yang tinggi.

Kota bentengnya ialah kubu-kubu pertahanan
di bukit batu.

Makanannya tersedia, air minumnya terjamin.

¹⁷ Matamu akan memandang raja dalam
keindahannya dan melihat negeri yang
terbentang jauh.

¹⁸ Hatimu akan merenungkan kengerian yang
sudah berlalu:

“Di manakah si tukang kira ufti?

Di manakah tukang kira dan tukang timbang
sukat?

Di manakah orang yang mengira menara?”

¹⁹ Engkau tidak akan melihat bangsa yang
garang itu lagi,

bangsa yang bahasanya sulit

sehingga tidak dapat difahami,

yang patah-patah bicaranya

sehingga tidak ada yang mengerti.

²⁰ Pandanglah Sion, kota tempat hari perayaan
kita!

Matamu akan melihat Yerusalem,

tempat kediaman yang aman,

khemah yang tidak akan berpindah-pindah.

Pancang-pancangnya tidak akan dicabut untuk
seterusnya

dan semua talinya tidak akan putus.

²¹ Sesungguhnya, di sana Tuhan akan menyertai
kita dengan kebesaran-Nya,

di tempat yang penuh sungai dan aliran air yang lebar.

Perahu dayung tidak akan melaluinya
dan kapal besar tidak akan melintasinya.

²² Sesungguhnya, Tuhan ialah hakim kita,

 Tuhan ialah pemerintah kita,

Tuhan ialah raja kita,

 Dia akan menyelamatkan kita.

²³ Tali-temalimu sudah longgar,

tidak dapat menguatkan tiang layar dengan
teguh,

tidak dapat membentangkan layar.

Pada waktu itu orang akan membahagi-

 bahagikan hasil jarahan yang besar,

orang tempang pun akan mengambil rampasan.

²⁴ Tidak ada penduduk Sion yang akan berkata,

 “Aku sakit.”

Rakyat yang tinggal di situ akan diampuni

 kesalahan mereka.

Hukuman terhadap bangsa-bangsa termasuk Edom

34 ¹ Datang dekatlah wahai bangsa-bangsa
untuk mendengar!

Wahai suku-suku bangsa, perhatikanlah!

Biarlah bumi dan segala isinya mendengar,
dunia dan segala yang dihasilkannya!

² Tuhan murka kepada segala bangsa

dan marah kepada seluruh tentera mereka.
Dia mengkhususkan mereka untuk
ditumpaskan dan menyerahkan mereka
untuk disembelih.

³ Orang yang terbunuh akan dicampakkan
dan bangkai mereka akan menimbulkan bau
busuk.

Gunung-ganang akan dibanjiri oleh darah
mereka.

⁴ Semua penguasa langit akan hancur lumat,
dan langit akan digulung seperti gulungan kitab.
Seluruh cakerawala mereka akan gugur seperti
daun luruh dari pokok anggur,
seperti daun luruh dari pokok ara.

⁵ Pedang-Ku sudah kenyang di langit.
Lihat, ia turun ke atas Edom untuk menghakimi
bangsa yang Kukhususkan untuk
ditumpaskan.

⁶ Pedang Tuhan sudah berlumuran darah,
menebal oleh lemak,
oleh darah anak-anak domba
dan kambing-kambing jantan,
oleh lemak buah pinggang domba-domba
jantan,

34:4: Mat 24:29; Mrk 13:25; Luk 21:26; Why 6:13,14.

34:5: Yes 63:1-6; Yer 49:7-22; Yeh 25:12-14; 35:1-15; Am 1:11,12; Ob 1:1-14; Mal 1:2-5.

kerana Tuhan mengadakan upacara korban di
Bozra
dan penyembelihan besar-besaran di Tanah
Edom.

⁷ Lembu liar akan rebah bersama-sama korban
itu,

lembu jantan muda bersama dengan lembu
jantan yang kuat.

Negeri mereka akan mabuk darah dan debunya
menebal oleh lemak,

⁸ kerana Tuhan menetapkan hari pembalasan,
tahun pembalasan atas permusuhan terhadap
Sion.

⁹ Sungai-sungai Edom akan berubah menjadi
gegala dan debunya menjadi belerang.

Negerinya akan menjadi gegala yang
menyala-nyala,

¹⁰ siang dan malam tidak akan dipadam,
asapnya naik untuk selama-lamanya.

Negeri itu akan menjadi reruntuhan
turun-temurun,

tidak ada yang akan melintasinya lagi untuk
selama-lamanya.

¹¹ Burung undan dan landak akan
mendudukinya,

burung hantu dan burung gagak akan tinggal di dalamnya.

Allah akan merentangkan tali pengukur kekacauan

dan batu duga kehampaan terhadapnya.

¹² Para bangsawannya tidak punya apa-apa lagi di sana yang dapat disebut kerajaan.

Semua penguasanya telah habis.

¹³ Duri akan tumbuh di puri-purinya, jelatang dan rumput duri di kubu-kubunya. Negeri itu akan menjadi tempat serigala dan kediaman burung unta.¹

¹⁴ Binatang-binatang gurun akan bertemu dengan anjing-anjing hutan, dan kambing liar akan berseru memanggil kawannya.

Di sana pun hantu malam akan menetap dan mendapat tempat untuk berehat.

¹⁵ Di sana burung hantu akan bersarang dan bertelur, menetaskan telur dan menghimpun anak-anaknya di bawah naungannya.

Di sana pun burung-burung dendang akan berkumpul dengan pasangan masing-masing.

¹⁶ Selidikilah kitab Tuhan dan bacalah:

¹**34:13** Ada naskah menyebutnya sebagai 'burung hantu.'

Satu pun daripada semua ini tidak akan
 ketinggalan
 dan seekor pun tidak akan kehilangan
 pasangannya,
 kerana Dia sendiri memerintahkan demikian
 dan roh-Nya sendiri menghimpun mereka.
¹⁷ Dia telah menetapkan bahagian mereka, dan
 tangan-Nya membahagi-bahagikan negeri
 itu kepada mereka dengan tali pengukur.
 Mereka akan mendudukinya untuk selama-
 lamanya
 dan menetap di situ turun-temurun.

Penyelamatan bagi umat Allah

35 ¹ Gurun dan bumi yang kontang akan
 bergirang,
 belantara akan bergembira dan berbunga.
 Seperti pokok mawar
² ia akan berbunga lebat
 dan akan bergembira,
 ya, bergembira dan bersorak-sorai.
 Kemuliaan Lebanon akan diberikan kepadanya,
 semarak Karmel dan Saron.
 Mereka akan melihat kemuliaan Tuhan,
 semarak Allah kita.
³ Kuatkanlah tangan yang lemah,

tegapkan lutut yang gementar.

⁴ Kepada mereka yang resah hatinya, katakanlah
“Kuatkanlah hati, jangan takut!

Ketahuilah, Allahmu akan datang dengan
pembalasan,
dengan ganjaran!

Dia akan datang menyelamatkan kamu!”

⁵ Pada waktu itu mata orang buta akan
dicelikkan

dan telinga orang tuli akan dibuka.

⁶ Pada waktu itu orang tempang akan melompat
seperti rusa

dan lidah orang bisu akan bersorak-sorai.

Sesungguhnya, air akan memancar di belantara
dan sungai-sungai di gurun.

⁷ Padang pasir yang panas akan menjadi kolam,
dan tanah yang kering kerontang akan menjadi
mata air.

Di tempat serigala berbaring akan tumbuh
rumput, buluh, dan papirus.

⁸ Di sana akan ada jalan raya,
suatu jalan yang dinamai Jalan Kesucian.
Orang yang najis tidak akan melintasinya,
itu diperuntukkan bagi orang yang melangkah
di Jalan itu.

Orang bodoh tidak akan mengembara di atasnya.

⁹ Di sana tidak akan ada singa, dan binatang buas tidak akan mendekatinya. Kesemuanya tidak akan didapati di tempat itu, tetapi orang yang ditebus akan melangkah di situ.

¹⁰ Orang yang ditebus Tuhan akan pulang dan masuk ke Sion dengan sorak-sorai. Kesukaan yang kekal akan menghiasi kepala mereka.

Mereka akan memperoleh kegirangan dan kegembiraan, manakala dukacita dan keluh-kesah akan hilang.

Yerusalem dikepung oleh Raja Sanherib

36 ¹ Pada tahun keempat belas pada zaman Raja Hizkia, majulah Sanherib, raja Asyur, menyerang semua kota berkubu di Yehuda, lalu menawaninya. ² Kemudian raja Asyur mengutus Rabshakeh^m dari Lakhis menemui Raja Hizkia di Yerusalem, dengan sebuah pasukan yang besar. Dia mengambil tempat dekat dengan saluran kolam atas, di jalan raya yang menuju Padang Benatu. ³ Lalu keluarlah Elyakim anak

^m36:2 Rabshakeh: juga bererti ketua perwira.

Hilkia, ketua istana, Sebna, jurutulis negara, dan Yoah anak Asaf, pencatat sejarah, untuk menemui Rabshakeh. ⁴ Kata Rabshakeh kepada mereka, “Katakanlah kepada Hizkia, ‘Beginilah titah raja agung, iaitu raja Asyur: Keyakinan seperti apakah yang kaupegang ini? ⁵ Kau fikir rancangan rapi dan kekuatan untuk berperang memadai dengan kata-kata sahaja? Sekarang, siapakah yang kauandalkan sehingga engkau memberontak terhadap aku? ⁶ Ketahuilah, engkau berharap kepada Mesir, tongkat buluh yang patah terkulai itu. Mesir akan menusuk tembus tangan orang yang bertopang kepadanya. Demikianlah Firaun, raja Mesir itu, bagi semua orang yang mengandalkannya.

⁷ Tetapi jika engkau berkata kepadaku, “Kami mengandalkan Tuhan, Allah kami,” bukankah Dia itu yang bukit-bukit pemujaan-Nya dan mazbah-mazbah-Nya telah disingkirkan oleh Hizkia, berkata kepada orang Yehuda dan Yerusalem, “Kamu harus sujud menyembah di hadapan mazbah ini sahaja”? ⁸ Maka sekarang, marilah bertaruh dengan tuanku, raja Asyur: Aku akan memberikan dua ribu ekor kuda kepadamu kalau engkau sanggup menyediakan penunggang-penunggangnya! ⁹ Bagaimanakah

mungkin engkau dapat menangkis hingga mundur seorang perwira biarpun daripada antara pegawai tuanku yang paling kecil, sedangkan engkau berharap kepada Mesir untuk rata dan pasukan berkuda? ¹⁰ Tambahan pula, masakan aku maju di luar kehendak Tuhan untuk menyerang negeri ini dan memusnahkannya? Tuhan telah berfirman kepadaku: Majulah, seranglah negeri itu dan musnahkannya! ”

¹¹ Lalu Elyakim, Sebna, dan Yoah berkata kepada Rabshakeh, “Harap tuan bercakap kepada hamba-hambamu ini dalam bahasa Aram, kerana kami memahami bahasa itu. Janganlah tuan berkata-kata kepada kami dalam bahasa Ibrani, kerana rakyat yang berada di atas tembok itu dapat mendengarnya.”

¹² Tetapi kata Rabshakeh, “Adakah tuanku mengutus aku untuk menyampaikan kata-kata ini hanya kepada tuanmu dan kepadamu? Bukankah juga kepada orang yang duduk di atas tembok itu yang akan makan tahi dan minum air kencing mereka sendiri bersama-sama kamu?”

¹³ Kemudian Rabshakeh berdiri lalu berseru dengan suara nyaring dalam bahasa Ibrani, katanya, “Dengarlah titah raja agung, iaitu raja Asyur! ¹⁴ Beginilah titah sang raja: Jangan biarkan Hizkia menipu kamu, kerana dia tidak sanggup melepaskan kamu. ¹⁵ Jangan biarkan Hizkia

mengajak kamu berharap kepada Tuhan dengan berkata, 'Tuhan pasti melepaskan kita. Kota ini tidak akan diserahkan ke dalam tangan raja Asyur.'¹⁶ Jangan dengarkan Hizkia, kerana beginilah titah raja Asyur: Adakanlah perjanjian damai denganku dan temuilah aku, maka setiap orang daripada kamu akan makan hasil pokok anggur dan pokok ara masing-masing serta minum air perigi masing-masing,¹⁷ sampai aku datang dan membawa kamu ke sebuah negeri seperti negerimu, iaitu sebuah negeri yang mempunyai gandum dan air anggur, roti serta kebun anggur.¹⁸ Jangan sampai Hizkia memujuk kamu dengan berkata, 'Tuhan akan melepaskan kita.' Pernahkah tuhan bangsa-bangsa melepaskan negeri masing-masing daripada tangan raja Asyur?¹⁹ Di manakah tuhan-tuhan negeri Hamat dan Arpad? Di manakah tuhan-tuhan negeri Sefarwaim? Adakah mereka telah melepaskan Samaria daripada tanganku?²⁰ Siapakah antara tuhan negeri-negeri itu yang telah melepaskan negerinya daripada tanganku, sehingga Tuhan dapat melepaskan Yerusalem daripada tanganku?"

²¹ Tetapi mereka berdiam diri sahaja dan tidak menjawabnya walau sepatih kata pun, kerana ada perintah raja yang berbunyi, "Jangan menjawab dia!"²² Lalu Elyakim anak Hilikia,

ketua istana, Sebna, jurutulis negara, dan Yoah anak Asaf, pencatat sejarah, pergi menghadap Hizkia dengan pakaian yang dikoyakkan. Mereka menyampaikan perkataan Rabshakeh kepada raja itu.

Raja Hizkia minta nasihat Yesaya

37¹ Setelah Raja Hizkia mendengar hal itu, dia pun mengoyakkan pakaiannya, mengenakan kain kabung, lalu masuk ke Bait Tuhan.² Kemudian dia mengutus Elyakim, ketua istana, Sebna, jurutulis negara, dan para tua-tua antara imam untuk menemui Nabi Yesaya anak Amos dengan mengenakan kain kabung.³ Kata mereka kepadanya, “Beginilah titah Hizkia: Hari ini hari kesesakan, hukuman, dan kenistaan, kerana anak sudah hampir dilahirkan, tetapi tidak ada kekuatan untuk melahirkannya tidak ada pula.⁴ Mudah-mudahan Tuhan, Allahmu, mendengar apa yang dikatakan Rabshakehⁿ, yang telah diutus oleh tuannya, raja Asyur, untuk mencela Allah yang hidup. Mudah-mudahan Tuhan, Allahmu, menjatuhkan hukuman selaras dengan perkataan yang telah didengar-Nya. Oleh sebab itu, panjatkanlah doa bagi saki-baki orang yang masih ada.”

ⁿ**37:4,8** Rabshakeh: jua bererti ketua perwira.

⁵ Setelah para pegawai Raja Hizkia menyampaikan pesan kepada Yesaya, ⁶ berkatalah Yesaya kepada mereka, “Beginilah harus kamu katakan kepada tuanmu, ‘Beginilah firman Tuhan, “Jangan takut terhadap perkataan yang kaudengar itu, yang diucapkan oleh para pelayan raja Asyur untuk mengkufuri Aku. ⁷ Sesungguhnya, Aku akan menaruh suatu roh dalam dirinya, sehingga dia mendengar suatu khabar lalu pulang ke negerinya. Aku akan membuat dia tewas oleh pedang di negerinya sendiri.’ ”

Ancaman lain daripada orang Asyur

⁸ Apabila Rabshakeh kembali, didapatinya raja Asyur sedang berperang melawan Libna, kerana dia memang telah mendengar bahawa raja sudah berangkat dari Lakhis. ⁹ Pada waktu itu raja menerima laporan tentang Tirhaka, raja Kush, demikian, “Dia sedang mara untuk berperang dengan tuanku.” Setelah mendengar hal itu, dikirimnya semula para utusan kepada Hizkia dengan pesan, ¹⁰ “Beginilah harus kamu katakan kepada Hizkia, raja Yehuda, ‘Jangan biarkan Allahmu yang kauandalkan itu menipu kamu dengan janji, “Yerusalem tidak akan diserahkan ke dalam tangan raja Asyur.” ¹¹ Sesungguhnya, engkau telah mendengar apa yang dilakukan oleh

raja-raja Asyur terhadap semua negeri. Negeri-negeri itu telah ditumpaskan mereka sama sekali. Masakan engkau akan terlepas? ¹² Dapatkah tuhan bangsa-bangsa yang dimusnahkan oleh nenek moyangku, iaitu bangsa Gozan, Haran, Rezef, dan bani Eden yang tinggal di Telasar melepaskan mereka? ¹³ Di manakah raja Hamat, raja Arpad, raja kota Sefarwaim, Hena, dan Iwa?’”

Doa Hizkia

¹⁴ Hizkia menerima surat itu daripada tangan para utusan lantas membacanya. Kemudian Hizkia pergi ke Bait Tuhan dan membentangkan surat itu di hadapan Tuhan. ¹⁵ Lalu berdoalah Hizkia kepada Tuhan, ¹⁶ “Ya Tuhan alam semesta, Allah Israel yang bersemayam di atas malaikat-malaikat kerubin! Hanya Engkaulah Allah atas segala kerajaan di bumi. Engkaulah yang menjadikan langit dan bumi. ¹⁷ Berikanlah perhatian, ya Tuhan, dan dengarlah. Sudilah memandang, ya Tuhan, dan lihatlah. Dengarlah semua kata Sanherib yang telah dikirimnya untuk mencela Allah yang hidup.

¹⁸ Ya Tuhan, memang benar bahawa raja-raja Asyur telah memusnahkan semua bangsa dan

negeri mereka ¹⁹ serta mencampakkan tuhan mereka ke dalam api. Hal ini demikian kerana semuanya itu bukanlah Tuhan, melainkan buatan tangan manusia, kayu dan batu, sehingga dapat dibinasakan. ²⁰ Sekarang ya Tuhan, Allah kami, selamatkanlah kami daripada tangannya, supaya semua kerajaan di bumi tahu bahawa hanya Engkaulah Tuhan.”

Pesan Yesaya kepada Raja Hizkia

²¹ Kemudian Yesaya anak Amos menghantar seorang utusan kepada Hizkia untuk mengatakan, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Kerana engkau telah berdoa kepada-Ku tentang Sanherib, raja Asyur, ²² maka inilah firman yang disampaikan Tuhan mengenai raja Asyur itu, ‘Anak dara, iaitu puteri Sion, menghina dan mengolok-olokkan engkau. Puteri Yerusalem menggeleng-gelengkan kepala di belakangmu.

²³ Siapakah yang kaucela dan kaukufuri? Terhadap siapakah engkau meninggikan suara dan melayangkan pandang dengan sombong?

Terhadap Yang Maha Suci, Allah Israel!

²⁴ Dengan perantaraan hamba-hambamu engkau telah mencela Tuhan dan engkau berkata,

“Dengan rataku yang banyak aku naik ke gunung-gunung yang tinggi, ke hujung-hujung Lebanon.

Aku menebang pokok-pokok araznya yang tertinggi, pokok-pokok sanubarnya yang terpilih.

Aku telah menaiki puncaknya yang terjauh, dan memasuki hutannya yang lebat.

²⁵ Aku telah menggali perigi dan minum air.

Dengan telapak kakiku kukeringkan semua anak sungai di Mesir.”

²⁶ Belum pernahkah kaudengar, bahawa Aku telah menetapkannya sejak dahulukala dan menentukannya sejak zaman purbakala?

Sekarang Aku mewujudkannya, bahawa engkau meruntuhkan kota-kota berkubu sehingga menjadi timbunan puing.

²⁷ Penduduknya yang tidak berdaya menjadi kecut hati dan malu.

Mereka menjadi seperti tumbuh-tumbuhan di padang,

seperti rumput muda yang hijau, seperti rumput di atas bumbung rumah, yang layu sebelum bertumbuh.

²⁸ Tetapi Aku tahu ketika engkau duduk, dan ketika engkau keluar masuk,

dan amarahmu terhadap Aku.

²⁹ Kerana engkau marah kepada-Ku
dan kerana ketakburanmu
telah sampai kepada pendengaran-Ku,
maka Aku akan memasang kelikir-Ku pada
hidungmu
dan kekang-Ku pada mulutmu.
Aku akan mengembalikan engkau
melalui jalan yang kautempuh ketika engkau
datang.'

³⁰ Inilah tandanya bagimu, wahai Hizkia:
Pada tahun ini kamu akan makan apa yang
tumbuh dengan sendirinya,
dan pada tahun kedua, apa yang tumbuh
daripada tanaman tadi.

Tetapi pada tahun ketiga, kamu harus
menyemai, menuai, menanami kebun
anggur, dan memakan buahnya.

³¹ Orang yang terselamat daripada keturunan
kaum Yehuda,
iaitu orang yang tertinggal,
akan berakar ke bawah
dan berbuah ke atas.

³² Kerana dari Yerusalem akan keluar saki-baki
kalangan itu,
dan dari Gunung Sion orang yang terselamat.
Semangat Tuhan alam semesta,
akan membuat hal ini terwujud.

³³ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan mengenai raja Asyur,
'Dia tidak akan masuk ke dalam kota ini dan tidak akan menembakkan anak panah di sini.

Dia tidak akan maju menghampiri kota ini dengan perisai dan tidak akan menimbunkan tanggul pengepung terhadapnya.

³⁴ Dia akan kembali melalui jalan yang ditempuhnya ketika dia datang dan tidak akan masuk ke kota ini,'

demikianlah firman Tuhan.

³⁵ 'Aku akan melindungi kota ini dan menyelamatkannya

demi diri-Ku sendiri dan demi Daud, hamba-Ku.'

”

Kekalahan Asyur dan tewasnya Sanherib

³⁶ Kemudian malaikat Tuhan keluar dan menewaskan 185,000 orang di perkhemahan Asyur. Apabila orang bangun pada pagi esoknya, didapati mayat-mayat belaka! ³⁷ Maka berangkatlah Sanherib, raja Asyur, berjalan pulang, lalu dia tinggal di Niniwe.

³⁸ Pada suatu hari, ketika dia sedang bersembahyang di dalam kuil Nisrokh, tuhannya, Adramelekh dan Sarezzer, anak-anaknya,

membunuhnya dengan pedang lalu mereka melarikan diri ke Tanah Ararat. Maka Esarhadon, anaknya, menaiki takhta menggantikannya.

Raja Hizkia disembuhkan

38¹ Pada waktu itu, Hizkia jatuh sakit dan hampir mati. Datanglah Nabi Yesaya anak Amos datang menemuinya dan berkata kepadanya, “Beginilah firman Tuhan, ‘Uruskanlah rumah tanggamu, kerana engkau akan mati, dan tidak akan sembuh lagi.’ ”

² Kemudian Hizkia memalingkan mukanya ke dinding dan berdoa kepada Tuhan, ³ katanya, “Ya Tuhan, semoga Engkau ingat betapa aku telah hidup di hadapan-Mu dengan setia dan tulus hati, serta melakukan apa yang baik di mata-Mu.” Lalu Hizkia menangis tersedu-sedu.

⁴ Maka firman Tuhan datang kepada Yesaya demikian, ⁵ “Pergilah dan katakanlah kepada Hizkia, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah Daud, leluhurmu, “Telah Kudengar doamu dan telah Kulihat air matamu. Sesungguhnya, Aku akan menambahkan umurmu lima belas tahun lagi.

⁶ Aku akan melepaskan engkau dan kota ini daripada tangan raja Asyur. Aku akan melindungi kota ini.

⁷ Inilah tanda bagimu daripada Tuhan, bahawa Tuhan akan melaksanakan firman yang telah

disampaikan-Nya itu: ⁸ Sesungguhnya, Aku akan memundurkan bayang-bayang penanda yang jatuh di jenjang matahari buatan Ahas, sepuluh jenjang ke belakang.' ” Maka mundurlah matahari sepuluh anak tangga dari jarak yang telah ditempuhnya.

⁹ Tulisan Hizkia, raja Yehuda, setelah dia sakit dan sembuh daripada penyakitnya itu.

¹⁰ Aku berkata, “Pada pertengahan umurku aku harus memasuki pintu gerbang alam kubur dan kehilangan tahun-tahunku yang masih berbaki.”

¹¹ Aku berkata, “Aku tidak akan melihat Tuhan lagi;

ya, Tuhan, di negeri orang hidup.

Aku tidak akan memandang manusia lagi serta penduduk dunia.

¹² Kediamanku dibongkar dan dibuka seperti khemah seorang gembala.

Seperti tukang tenun aku menggulung hidupku. Dia memutuskan nyawaku daripada benang lungsin.

Dari siang sampai malam Engkau menghancurkan aku.

¹³ Aku menenangkan diriku sampai pagi hari, tetapi seperti singa,

demikianlah Dia mematahkan semua tulangku.

Dari siang sampai malam Engkau membawaku
ke akhir hidupku.

¹⁴ Seperti burung layang-layang atau burung
bangau,

demikianlah aku mencicit.

Aku merintih seperti burung merpati,
matakku redup kerana terus menengadah.

Ya Tuhan, aku tertekan! Jadilah jaminan bagiku!

¹⁵ Apakah yang dapat kukatakan?

Dia sudah berfirman kepadaku dan Dia sendiri
sudah melakukannya.

Aku akan berjalan perlahan-lahan sepanjang
usia hidupku,

kerana kepahitan jiwaku.

¹⁶ Ya Tuhan, oleh hal-hal tertentu manusia
hidup,

dan oleh semua itu pula rohku hidup.

Sembuhkanlah aku dan hidupakanlah aku.

¹⁷ Sesungguhnya, kepahitan yang dalam
mendatangkan kesejahteraan bagiku.

Kerana kasih-Mu kepada jiwaku,

Engkau telah melepaskannya daripada lubang
kebinasaan.

Engkau telah melemparkan segala dosaku ke
belakang-Mu.

¹⁸ Alam kubur tidak dapat mengucap syukur
kepada-Mu,

maut tidak dapat memuji-muji Engkau;

orang yang turun ke liang kubur
tidak dapat lagi mengharapkan kesetiaan-Mu.

¹⁹ Orang hidup, ya, orang hiduplah yang
mengucap syukur kepada-Mu,
seperti yang kulakukan pada hari ini.

Para bapa akan bercerita kepada anak mereka
tentang kesetiaan-Mu.

²⁰ Tuhan telah menyelamatkan aku,
sebab itu kita hendak memainkan muzik kecapi
seumur hidup kita di dalam Bait Tuhan.”

²¹ Kemudiannya Yesaya berkata, “Ambillah
ramasan buah ara dan lekapkanlah pada bisul
itu, maka bisul itu akan sembuh.”

²² Lalu Hizkia bertanya, “Apakah tandanya
bahawa aku akan pergi ke Bait Tuhan?”

Raja Hizkia dan para utusan dari Babel

39 ¹ Pada waktu itu, Merodakh-Baladan
anak Baladan, raja Babel, mengirim
surat serta pemberian kepada Hizkia, kerana
dia mendengar bahawa Hizkia sakit dan telah
sembuh. ² Hizkia bergembira atas kedatangan
mereka. Diperlihatkannya kepada mereka
gedung harta bendanya, perak dan emas,
rempah-ratus dan minyak yang berharga, seluruh
gedung persenjataannya dan segala sesuatu
yang terdapat dalam perbendaharaannya. Tidak
ada barang dalam istana dan seluruh daerah

kekuasaannya yang tidak diperlihatkan kepada mereka oleh Hizkia.

³ Setelah itu, Nabi Yesaya datang menghadap Raja Hizkia dan bertanya kepadanya, “Apakah yang dikatakan orang itu? Dari manakah mereka datang?”

Jawab Hizkia, “Mereka datang dari negeri yang jauh, dari Babel.”

⁴ Tanya Yesaya lagi, “Apakah yang dilihat mereka di dalam istanamu?”

Jawab Hizkia, “Segala sesuatu yang ada dalam istanaku telah dilihat mereka. Tidak ada barang dalam perbendaharaanku yang tidak kuperlihatkan kepada mereka.”

⁵ Lalu kata Yesaya kepada Hizkia, “Dengarlah firman Tuhan alam semesta, ⁶ ‘Sesungguhnya, akan datang harinya apabila segala sesuatu yang ada dalam istanamu dan yang disimpan oleh nenek moyangmu sampai hari ini akan diangkut ke Babel. Tidak ada barang yang akan ditinggalkan,’ demikianlah firman Tuhan. ⁷ Selain itu, daripada kalangan anak yang akan dilahirkan bagimu, yaitu keturunanmu, beberapa orang akan diambil untuk menjadi sida-sida di istana raja Babel.”

⁸ Kata Hizkia kepada Yesaya, “Firman Tuhan yang kausampaikan itu baik.” Kerana fikirnya, “Kedamaian dan keamanan akan wujud pada zamanku!”

Berita pembebasan

40¹ “Hiburkanlah, hiburkanlah umat-Ku,”
demikian firman Allahmu.

² “Bicaralah untuk menenangkan hati
Yerusalem

dan serukanlah kepadanya
bahawa peperangannya sudah berakhir,
bahawa kesalahannya telah diampunkan,
dan bahawa ia telah menerima hukuman
daripada tangan Tuhan
dua kali lipat ganda atas segala dosanya.”

³ Ada suara yang berseru,
“Sediakanlah jalan untuk Tuhan di gurun,
luruskanlah jalan raya bagi Allah kita di
belantara!

⁴ Setiap lembah harus ditinggikan,
setiap gunung dan bukit harus direndahkan.
Tanah yang berbukit-bukit harus dijadikan rata
dan yang berlereng-lereng dijadikan dataran.

⁵ Maka kemuliaan Tuhan akan dinyatakan

dan semua manusia akan melihatnya
bersama-sama,

kerana Tuhan sendiri telah berfirman.”

⁶ Ada suara yang berkata, “Berserulah!”

Jawab Yesaya, “Apakah yang harus kuserukan?”

“Semua manusia umpama rumput
dan segala kemuliaannya umpama bunga di
padang.

⁷ Rumput layu dan bunga gugur
apabila Tuhan menghembusnya dengan
nafas-Nya.

Sesungguhnya, bangsa itu seperti rumput.

⁸ Rumput layu dan bunga luruh,
tetapi firman Allah kita
kekal selama-lamanya.”

⁹ Naikilah gunung yang tinggi,
wahai engkau yang membawa khabar baik ke
Sion!

Angkatlah suaramu kuat-kuat,
wahai engkau yang membawa khabar baik ke
Yerusalem!

Angkatlah suaramu, jangan takut!
Katakanlah kepada kota-kota Yehuda,
“Lihat, itu Allahmu!”

¹⁰ Lihat, Tuhan Allah datang dengan kekuatan,

40:6: Yak 1:10,11; 1Ptr 1:24,25.

40:10: Yes 62:11; Why 22:12.

dan dengan tangan-Nya Dia akan berkuasa.
Lihat, pahala yang dibawa-Nya bersama,
dan ganjaran-Nya ada di hadapan-Nya.

¹¹ Dia menggembala kawanan domba-Nya
seperti seorang gembala.

Dia mengumpulkan anak domba dengan
tangan-Nya

dan mendukung mereka rapat ke dada-Nya.

Dia akan membimbing induk-induk domba
yang menyusu dengan lembut.

Tidak ada yang setara dengan Allah

¹² Siapakah yang menyukat air di telapak
tangannya, yang mengukur langit dengan
jengkal,

yang memuat debu tanah di dalam takaran,
yang menimbang gunung-gunung dengan
timbangan

dan bukit-bukit dengan neraca?

¹³ Siapakah yang mengetahui pikiran Tuhan,
atau mengarahkan-Nya sebagai penasihat-Nya?

¹⁴ Kepada siapakah Dia meminta nasihat untuk
mendapat pemahaman

dan siapakah yang mengajar-Nya jalan
keadilan?

Siapakah yang mengajar-Nya pengetahuan

dan memberitahukan jalan pengertian
kepada-Nya?

¹⁵ Sesungguhnya, bangsa-bangsa seperti setitik
air dalam timba dan dianggap seperti
debu pada neraca.

Sesungguhnya, Dia mengangkat pulau-pulau
seperti debu halus.

¹⁶ Lebanon tidak cukup untuk dijadikan kayu
api

dan binatang-binatangnya tidak cukup untuk
dijadikan korban bakaran.

¹⁷ Segala bangsa seperti tidak ada di
hadapan-Nya,

mereka dianggap-Nya hampa dan sia-sia.

¹⁸ Dengan siapakah kamu hendak menyamakan
Allah?

Dengan gambaran^o apakah kamu hendak
membandingkan Dia?

¹⁹ Patung ukiran? Tukang besi menuangnya,
lalu tukang emas menyalutnya dengan emas
dan membuat rantai perak untuknya.

²⁰ Orang yang terlalu miskin untuk memberikan
persembahan semacam itu memilih kayu
yang tidak lekas lapuk.

Dicarinya tukang yang ahli

^o**40:18** Atau: Citra.

40:18: Kis 17:29.

untuk menegakkan patung ukiran yang tidak akan goyah.

²¹ Tidakkah kamu tahu?

Tidakkah kamu dengar?

Tidakkah diberitahukan kepadamu sejak mula-mula lagi?

Tidakkah kamu mengerti sejak bumi diletakkan dasarnya?

²² Dialah yang bertakhta di atas bulatan bumi, yang penduduknya seperti belalang.

Dialah yang membentangkan langit seperti tirai dan merentangkannya seperti khemah kediaman.

²³ Dialah yang meniadakan para penguasa dan yang membuat para hakim di bumi seperti sia-sia sahaja.

²⁴ Belum lama mereka ditanam,

belum lama mereka ditabur,

belum lama batangnya berakar di tanah,

Dia pun menghembus mereka sehingga mereka layu

dan diterbangkan badai seperti tunggul jerami.

²⁵ “Dengan siapa kamu hendak menyamakan Aku sehingga Aku sejajar dengannya?” demikianlah firman Yang Maha Suci.

²⁶ Layangkanlah pandang ke langit dan lihatlah: siapakah yang mencipta benda-benda itu?

Dialah yang mengeluarkan cakerawala angkasa menurut jumlahnya dan menyebutkan nama kesemuanya.

Kerana besar keperkasaan-Nya dan hebat kuasa-Nya,
tidak ada satu pun yang hilang.

²⁷ Mengapakah engkau berkata begini, wahai Yakub,

dan berbicara begini, wahai Israel,
“Jalan hidupku tersembunyi daripada Tuhan dan hak aku dijauhkan Allahku”?

²⁸ Tidakkah kautahu, tidakkah kaudengar?
Tuhan ialah Allah yang kekal,
yang menciptakan hujung-hujung bumi.
Dia tidak akan menjadi letih ataupun penat,
pengertian-Nya tiada hadnya.

²⁹ Dia memberikan kekuatan kepada yang letih,
dan menambah tenaga kepada mereka yang tidak berdaya.

³⁰ Orang muda menjadi letih dan penat,
para teruna jatuh tersandung.

³¹ Tetapi mereka yang menanti-nantikan Tuhan akan mendapat kekuatan baru.

Mereka akan terbang tinggi dengan sayap seperti burung rajawali.

Mereka akan berlari dan tidak menjadi penat,
mereka akan berjalan dan tidak menjadi lesu.

Allah membangkitkan seorang pembebas

41¹ “Berdiam dirilah di hadapan-Ku, wahai pulau-pulau!

Biarlah bangsa-bangsa mendapat kekuatan baru!

Biarlah mereka mendekati dan kemudian berbicara.

Biarlah kita tampil bersama-sama untuk berbahas!

² Siapakah yang membangkitkan dia dari timur,
^pyang dalam perbenaran^q memanggil dia
 menghadap diri-Nya,

yang menyerahkan bangsa-bangsa ke
 hadapannya dan membuat dia
 memerintah raja-raja?

Pedangnya membuat mereka seperti debu
 dan busur panahnya membuat mereka seperti
 tunggul jerami yang diterbangkan angin.

³ Dia mengejar mereka dan memintas dengan
 selamat di jalan yang belum pernah
 ditempuh kakinya.

⁴ Siapakah yang mengerjakan dan melakukan
 hal itu,

^p**41:2** Ada naskah: Memberi dia kemenangan di setiap langkah.

^q**41:2** Perkataan ‘kemenangan’ dalam bahasa Ibrani ada kalanya diterjemahkan sebagai ‘perbenaran.’

yang menyuruh bangkit seluruh keturunan
sejak yang terdahulu?

Aku, Tuhan, adalah yang terdahulu,
dan bagi mereka yang terkemudian Aku tetap
Dia!”

⁵ Pulau-pulau melihatnya dan ketakutan,
gementarlah hujung-hujung bumi.
Mereka mendekati dan datang.

⁶ Setiap orang membantu jirannya
dan berkata kepada saudaranya, “Kuatkanlah
hatimu!”

⁷ Si tukang menguatkan hati tukang emas,
orang yang memipihkan logam dengan palu
menguatkan hati orang yang menempa di
atas landasan.

Dia berkata tentang pematerian, “Itu baik,”
kemudian menguatkannya dengan paku agar
tidak boleh digerakkan.

Israel hamba Allah

⁸ “Tetapi engkau, wahai Israel, hamba-Ku,
wahai Yakub, yang telah Kupilih,
keturunan Abraham, sahabat-Ku,

⁹ yang telah Kuambil dari hujung-hujung bumi
dan Kupanggil dari penjuru-penjurnya,
Aku berkata kepadamu, ‘Engkaulah hamba-Ku,

Aku sudah memilih engkau dan tidak menolak engkau.

¹⁰ Jangan takut, kerana Aku berserta denganmu. Jangan cemas, kerana Akulah Allahmu. Aku akan menguatkan, bahkan akan menolong engkau.

Ya, Aku akan menopang engkau dengan tangan kanan-Ku yang penuh kebenaran.'

¹¹ Sesungguhnya, semua orang yang marah kepadamu akan menjadi malu dan mendapat aib.

Orang yang berbantah-bantah dengan engkau akan menjadi seperti tidak ada dan binasa.

¹² Apabila engkau mencari orang yang bertengkar dengan engkau, kau tidak akan menemui mereka.

Orang yang berperang melawan engkau akan menjadi seperti tidak ada dan hampa,

¹³ kerana Aku, Tuhan, Allahmu, memegang tangan kananmu dan berfirman kepadamu, 'Jangan takut, Aku akan menolong engkau.'

¹⁴ Jangan takut, wahai si ulat Yakub, wahai orang Israel.

Aku akan menolong engkau," demikianlah firman Tuhan,

Penebusmu, Yang Maha Suci, Allah Israel.

¹⁵ “Sesungguhnya, Aku menjadikan engkau tukul pengirik yang tajam, baru, dan bergerigi.

Engkau akan membanting gunung-gunung dan melumatkannya,
engkau akan menjadikan bukit-bukit seperti sekam.

¹⁶ Engkau akan menampi mereka,
lalu angin akan menerbangkan mereka dan badai akan menghamburkan mereka. Engkau akan bergembira kerana Tuhan dan bermegah kerana Yang Maha Suci, Allah Israel.

¹⁷ Fakir miskin dan orang sesak mencari air tetapi tidak ada,
lidah mereka kering kerana dahaga. Aku, Tuhan, akan menjawab mereka. Allah Israel, tidak akan meninggalkan mereka.

¹⁸ Aku akan membuat sungai-sungai memancar di atas bukit-bukit yang gondol,
dan mata air di tengah-tengah lembah. Aku akan membuat gurun menjadi kolam air dan tanah tandus menjadi pancaran air.

¹⁹ Di tanah tandus Aku akan menanam pokok araz,
pokok akasia, pokok murad, dan pokok zaitun. Di gurun Aku akan menumbuhkan pokok sanubar,

pokok damar laut, dan pokok pinus sekali gus,
²⁰ supaya orang dapat melihat dan mengetahui,
memperhatikan dan memahami bersama-
sama,
bahawa tangan Tuhan telah membuat hal itu,
dan Yang Maha Suci, Allah Israel, telah
menciptakannya.

Allah menantang berhala-berhala

²¹ “Ajukanlah perkaramu,” demikianlah firman
Tuhan.

“Kemukakanlah alasan-alasanmu,” demikianlah
firman Raja, Allah Yakub.

²² Biarlah mereka membawa berhala mereka
untuk memberitahu kita
apa yang akan terjadi.

Beritahukanlah apa erti hal-hal yang dahulu,
supaya kami memperhatikannya
dan mengetahui kesudahannya.

Atau, khabarkanlah hal-hal yang akan datang
kepada kami.

²³ Nyatakanlah hal-hal yang akan datang
kemudian,

sehingga kami tahu bahawa kamu betul-betul
tuhan!

Ya, berbuat baiklah atau berbuat jahatlah,
supaya kami sama-sama terperanjat
melihatnya.

²⁴ Sesungguhnya, kamu tidak ada apa-apanya dan pekerjaan-pekerjaanmu hampa adanya.

Kejilah orang yang memilih kamu!

²⁵ “Aku telah membangkitkan seorang dari sebelah utara, dan dia telah datang.

Dari arah terbitnya matahari dia akan menyeru nama-Ku.

Dia akan memijak-mijak para penguasa seperti lumpur,

seperti tukang tembikar menginjak-injak tanah liat.”

²⁶ Siapakah yang memberitahukan hal itu sejak mula sehingga kita mengetahuinya, dan sejak dahulu sehingga kita mengatakan, “Dia benar!”?

Sungguh, tidak ada yang memberitahukannya, tidak ada yang mengkhabarkan, tidak ada yang mendengar perkataanmu.

²⁷ “Akulah yang mula-mula mengatakan kepada Sion, ‘Lihat, lihatlah semua itu!’

Aku memberikan seorang pembawa khabar baik kepada Yerusalem!

²⁸ Aku mengamati, tetapi tidak ada seorang pun.

Antara mereka tidak ada seorang penasihat pun

yang dapat memberikan jawab apabila Aku menanyai mereka.

²⁹ Sesungguhnya, mereka semua tidak berguna! Pekerjaan-pekerjaan mereka hampa, patung-patung tuangan mereka hanyalah angin dan kesia-siaan.”

Hamba Allah

42 ¹ “Lihatlah hamba-Ku yang Kusanjung tinggi, orang pilihan-Ku yang kepadanya Aku berkenan. Aku telah menaruh Roh-Ku ke atasnya, dan dia akan membawa keadilan kepada bangsa-bangsa.

² Dia tidak akan berteriak, menyaringkan suara, atau memperdengarkan suaranya di jalan.

³ Sehelai rumput mensiang yang terkulai tidak akan dipatahkannya, dan sumbu yang malap tidak akan dipadamkannya.

Dengan setia dia akan menegakkan keadilan.

⁴ Dia sendiri tidak akan pudar atau patah terkulai sampai dia menegakkan keadilan di bumi.

Pulau-pulau mengharapkan pengajarannya.”

42:1: Mat 3:17; 17:5; Mrk 1:11; Luk 3:22; 9:35.

42:1: Mat 12:18-21.

⁵ Beginilah firman Allah, Tuhan
yang menciptakan langit dan
membentangkannya,
yang menghamparkan bumi dengan segala
yang dihasilkannya,
yang memberikan nafas kepada umat manusia
yang tinggal di atasnya
dan roh kepada mereka yang hidup di
dalamnya,
⁶ “Aku, Tuhan, telah memanggil engkau dalam
perbenaran,^r
Aku akan memegang tanganmu dan menjaga
engkau;
Aku akan menetapkan engkau menjadi
perjanjian bagi umat manusia
dan cahaya bagi bangsa-bangsa,
⁷ untuk mencelikkan mata orang buta,
untuk mengeluarkan orang tahanan dari
kurungan,
dan orang yang duduk dalam kegelapan dari
penjara.
⁸ Aku Tuhan, itulah nama-Ku.

^r**42:6** Antara maksud ‘Perbenaran’: Tuhan menugaskan hambanya untuk membawa keadilan kepada bangsa.

42:5: Kis 17:24,25.

42:6: Yes 49:6; Luk 2:32; Kis 13:47; 26:23.

Aku tidak akan menyerahkan kemuliaan-Ku
kepada yang lain
atau kemasyhuran-Ku kepada patung ukiran.
⁹ Lihat, hal-hal yang sudah terjadi dahulunya
dan hal-hal yang baru akan Kuberitahukan.
Sebelum hal-hal itu muncul,
Aku mengkhabarkanya kepadamu.”

Puji-pujian tentang penyelamatan

¹⁰ Nyanyikanlah bagi Tuhan nyanyian baru,
sampaikanlah puji-pujian kepada-Nya dari
hujung bumi,
wahai orang yang pergi ke laut dan segala isi
laut,

wahai pulau-pulau serta penduduknya!

¹¹ Biarlah gurun dan kota-kotanya
menyaringkan suara,
begitu pula desa-desa yang dihuni orang Kedar!
Biarlah penduduk Sela bersorak-sorai,
biarlah mereka berteriak gembira dari puncak
gunung-gunung!

¹² Biarlah mereka memuliakan Tuhan
dan menyatakan puji-pujian kepada-Nya di
pulau.

¹³ Tuhan akan maju seperti seorang kesateria,
dan semangat-Nya akan bergelora seperti
seorang pejuang.

Dia akan bertempik, ya, meneriakkan pekikan
semangat peperangan,
dan akan menang atas musuh-musuh-Nya.

¹⁴ “Sudah lama sekali Aku diam.

Aku berdiam diri, Aku menahan diri.

Tetapi sekarang, Aku mahu berteriak seperti
perempuan yang hendak bersalin,

Aku mahu tercungap-cungap dan termengah-
mengah.

¹⁵ Aku akan menanduskan gunung-gunung dan
bukit-bukit,

dan membuat layu segala tumbuhannya.

Sungai-sungai akan Kujadikan pulau
dan kolam-kolam akan Kukeringkan.

¹⁶ Aku akan memimpin orang buta
di jalan yang belum diketahui mereka.

Aku akan membimbing mereka

di lorong-lorong yang belum mereka ketahui.

Aku akan mengubah kegelapan menjadi cahaya
di hadapan mereka

dan jalan yang berliku-liku menjadi lurus.

Hal-hal itulah yang akan Kulakukan bagi
mereka.

Aku tidak akan meninggalkan mereka.”

¹⁷ Tetapi orang yang percaya kepada patung
ukiran dan yang berkata kepada patung
tuangan,

“Kamulah tuhan kami”,

akan dipukul mundur dan menjadi sangat malu.

Kegagalan dan kebutaan Israel

¹⁸ Wahai orang tuli, dengarlah!

Wahai orang buta, pandanglah dan lihatlah!

¹⁹ Siapakah yang buta selain hamba-Ku,

dan yang tuli seperti utusan yang Kusuruh itu?

Siapakah yang buta seperti orang yang hidup
damai dengan Aku,

yang buta seperti hamba Tuhan?

²⁰ Engkau telah melihat banyak hal,

tetapi tidak memahaminya.

Telingamu terbuka,

tetapi engkau tidak mendengar.

²¹ Demi perbenaran-Nya, Tuhan berkenan

mengagungkan dan memuliakan hukum

Taurat.

²² Tetapi inilah bangsa yang mengalami

perampasan dan dijarah,

semuanya terperangkap di lubang

dan disembunyikan di penjara.

Mereka menjadi rampasan tanpa ada yang

melepaskan,

menjadi jarahan tanpa ada yang berkata,

“Kembalikanlah!”

²³ Siapakah antara kamu yang mahu memasang

telinga untuk hal ini,

yang mahu memperhatikan dan mendengar
untuk masa mendatang?

²⁴ Siapakah yang menyerahkan Yakub untuk
menjadi jarahan,

dan Israel kepada para perampas?

Bukankah Tuhan,

yang terhadap-Nya kita telah berdosa?

Mereka tidak mahu menempuh jalan-jalan-Nya
dan tidak mahu mentaati perintah-Nya.

²⁵ Oleh sebab itu Dia mencurahkan kepada
mereka murka-Nya yang panas dan
peperangan yang sengit.

Hal itu menghanguskan mereka dari sekeliling,
tetapi mereka tidak menyedarinya,
membakar mereka, tetapi mereka tidak
mengambil iktibar daripadanya.

Allah satu-satunya Penebus

43 ¹ Sekarang, beginilah firman Tuhan,
yang menciptakan engkau, wahai Yakub,
dan yang membentuk engkau, wahai Israel,
“Jangan takut, kerana Aku telah menebus
engkau.

Aku telah memanggil engkau dengan namamu,
engkau milik-Ku.

² Apabila engkau mengharungi air, Aku akan
menyertaimu,

dan engkau tidak akan dihanyutkan saat
mengharungi sungai.

Apabila engkau berjalan melalui api, engkau
tidak akan dihanguskan,

dan nyala api tidak akan membakarmu,

³ kerana Akulah Tuhan, Allahmu,

Yang Maha Suci, Allah Israel, Penyelamatmu.

Aku memberikan Mesir sebagai tebusanmu,

Kush dan Seba sebagai gantimu.

⁴ Kerana engkau berharga dan mulia di
mata-Ku,

dan Aku ini mengasihi engkau,

maka Aku memberikan manusia sebagai
gantimu,

dan bangsa-bangsa sebagai ganti nyawamu.

⁵ Jangan takut, kerana Aku berserta denganmu.

Aku akan membawa keturunanmu dari timur
dan menghimpun engkau dari barat.

⁶ Aku akan berfirman kepada utara,
'Berikanlah!'

dan kepada selatan, 'Jangan tahan!'

Bawalah anak-anak lelaki-Ku dari jauh

dan anak-anak perempuan-Ku dari hujung
bumi,

⁷ iaitu semua orang yang disebutkan dengan
nama-Ku,

yang Kuciptakan untuk kemuliaan-Ku,
yang Kubentuk, dan yang Kujadikan."

Israel sebagai saksi Allah

⁸ Bawalah ke mari bangsa yang buta sekalipun bermata,
dan yang tuli sekalipun bertelinga.

⁹ Biarlah segala bangsa berhimpun bersama-sama,

dan biarlah suku-suku bangsa berhimpun.

Siapakah antara mereka yang dapat memberitahukan hal ini

atau mengkhabarkan hal-hal yang dahulu kepada kita?

Biarlah mereka mengajukan saksi-saksi supaya mereka dapat dinyatakan benar.

Biarlah orang mendengarnya dan berkata, "Itu benar."

¹⁰ "Kamulah para saksi-Ku," demikianlah firman Tuhan,

"dan hamba-Ku yang telah Kupilih, supaya kamu mengenal dan mempercayai Aku serta mengerti bahawa Akulah Dia.

Sebelum Aku, tidak ada tuhan terbentuk dan sesudah Aku pun tidak ada.

¹¹ Aku, Akulah Tuhan.

Tidak ada penyelamat selain Aku.

¹² Akulah yang telah memberitahu, menyelamatkan, dan mengkhabarkan,

bukan tuhan bangsa asing yang ada antara kamu.

Kamulah saksi-saksi-Ku,” demikianlah firman Tuhan, “dan Akulah Allah.”

¹³ “Ya, sejak zaman dahulu Aku tetap Dia! Tidak ada yang dapat terlepas daripada tangan-Ku.

Apabila Aku bertindak, siapakah yang dapat mengubahnya?”

¹⁴ Beginilah firman Tuhan, Penebusmu, Yang Maha Suci, Allah Israel, “Demi kamu Aku akan mengutus orang ke Babel

dan membawa mereka semua sebagai pelarian, yaitu orang Kasdim di kapal-kapal yang dibanggakan mereka.

¹⁵ Akulah Tuhan, Allahmu Yang Maha Suci, Pencipta Israel, Rajamu.”

¹⁶ Beginilah firman Tuhan, yang membuat jalan di laut dan lorong di air yang deras,

¹⁷ yang membawa keluar rata dan kuda, bala tentera dan orang gagah –

mereka rebah bersama-sama dan tidak dapat bangkit lagi,

mereka mati, padam seperti sumbu –

¹⁸ “Jangan ingat-ingatkan hal-hal yang dahulu, jangan perhatikan hal-hal yang silam.

¹⁹ Lihat, Aku hendak membuat sesuatu yang baru,
sekarang hal itu sedang muncul, tidakkah kamu mengetahuinya?

Ya, Aku hendak membuat jalan di tanah tandus dan sungai-sungai di gurun.

²⁰ Binatang-binatang liar akan memuliakan Aku, serigala dan burung unta,^s
kerana Aku mengurniakan air di tanah tandus serta sungai-sungai di gurun untuk memberikan minum umat pilihan-Ku,
²¹ iaitu umat yang Kubentuk bagi-Ku untuk menceritakan kemasyhuran-Ku.”

Dosa Israel diampunkan

²² “Tetapi engkau tidak berseru kepada-Ku, wahai Yakub, malah engkau berasa penat menghadapi Aku, wahai Israel!

²³ Engkau tidak membawa bagi-Ku domba korban bakaran kamu dan tidak memuliakan Aku dengan korban sembelihanmu.

Aku tidak membebani kamu dengan menuntut persembahan bahan makanan,

^s43:20 Ada naskhah menyebutnya sebagai ‘burung hantu.’

dan tidak membuatmu penat dengan menuntut
kemenyan.

²⁴ Engkau tidak membeli tebu wangi bagi-Ku
dengan wangmu,

dan tidak memuaskan Aku dengan lemak
korban sembelihanmu.

Sebaliknya, engkau membebani Aku dengan
dosa-dosamu,

dan membuat-Ku penat dengan kesalahan-
kesalahanmu.

²⁵ Aku, Akulah Dia yang menghapuskan segala
pelanggaranmu

demi diri-Ku sendiri,

dan tidak lagi mengingat dosa-dosamu.

²⁶ Ingatkanlah Aku! Mari kita berperkara
bersama-sama!

Kemukakanlah perkaramu, supaya engkau
dapat dinyatakan benar.

²⁷ Nenek moyangmu yang pertama telah
berdosa,

para pengantara kamu telah menderhaka
terhadap Aku.

²⁸ Oleh sebab itu Aku akan menista para
pemimpin tempat suci,

Aku akan menyerahkan Yakub untuk dimusnah
dan Israel untuk dihina.”

Israel yang terpilih Tuhan

44 ¹ “Tetapi sekarang dengarlah, wahai Yakub, hamba-Ku, wahai Israel yang telah Kupilih.
² Beginilah firman Tuhan yang menjadikan engkau, yang membentuk engkau sejak dalam kandungan, dan yang akan menolong engkau, ‘Jangan takut, wahai hamba-Ku Yakub, wahai Yesyurun yang telah Kupilih,
³ kerana Aku akan mencurahkan air ke atas tanah yang gersang dan aliran air ke atas tanah yang kering. Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas keturunanmu dan berkat-Ku atas anak cucumu.
⁴ Mereka akan bercambah dan menanjak antara rumput, seperti pokok-pokok gandarusa di tepi aliran air.
⁵ Yang satu akan berkata, ‘Aku milik Tuhan,’ yang lain akan menyebut dirinya dengan nama Yakub, dan yang lain lagi akan menulis, ‘Milik Tuhan,’ dengan tangannya serta menggelar dirinya dengan nama Israel.

⁶ Beginilah firman Tuhan, Raja dan Penebus
Israel,

Tuhan alam semesta:

Akulah yang pertama dan Akulah yang terakhir,
tidak ada Allah selain Aku.

⁷ Siapakah seperti Aku? Biarlah dia
mengisytiharkan dakwaannya,
menguar-uarkannya, dan memaparkannya
kepada-Ku

sejak Aku menetapkan umat purbakala itu.

Apa yang akan datang dan yang akan terjadi,
biarlah dia menghebahkannya!

⁸ Jangan gentar dan jangan takut.

Bukankah sejak dahulu Aku sudah
mengkhabarkan dan memberitahu
hal itu kepadamu?

Kamulah saksi-saksi-Ku. Adakah Allah selain
Aku?

Tidak ada Batu Pejal yang lain! Tidak Kukenal! ”

Kebodohan pemujaan patung

⁹ Sia-sia sahaja semua orang yang membentuk
patung ukiran.

Benda-benda kegemaran mereka itu tidak
berfaedah.

Para pemujanya tidak melihat dan tidak tahu
apa-apa,
sehingga mereka akan berasa malu.

¹⁰ Siapakah yang membentuk susuk tuhan atau
menuang patung ukiran
yang tidak berfaedah itu?

¹¹ Sesungguhnya, semua pengikutnya akan
mendapat malu.

Tukang-tukangnya ialah manusia belaka.
Biarlah mereka semua berkumpul lalu berdiri!
Mereka akan berasa takut dan malu
bersama-sama.

¹² Tukang besi mengambil sepotong logam dan
membentuknya di atas bara api.
Dibentuknya besi itu dengan penukul dan
dikerjakannya dengan tangannya yang
kuat.

Ya, dia menahan lapar sehingga kekuatannya
hilang.

Dia tidak minum air sehingga menjadi letih.

¹³ Tukang kayu merentangkan tali pengukur,
lalu menandakannya dengan kapur merah.
Dibentuknya kayu itu dengan pahat dan
ditandainya dengan alat pengukur.

Dibuatnya susuk manusia,
seperti seorang manusia yang tampan, untuk
ditempatkan di dalam kuil.

¹⁴ Ditebangnya pokok-pokok araz,

atau dipilihnya pokok cemara atau pokok oak. Dipeliharanya semua itu di antara pokok hutan, atau ditanamnya pokok salam yang kemudian tumbuh oleh hujan.

¹⁵ Kayunya menjadi kayu bakar untuk manusia. Diambilnya sebahagian untuk menghangatkan diri,

bahkan dinyalakannya untuk membakar roti. Namun demikian, dikerjakannya juga kayu itu menjadi susuk tuhan lalu disembahnya. Dia membuatnya menjadi patung ukiran lalu sujud kepadanya.

¹⁶ Separuh daripada kayu itu dibakarnya dalam api.

Di atas yang separuh itu dia mengolah daging. Dipanggangnya daging lalu makan sampai kenyang.

Dia bahkan menghangatkan dirinya sambil berkata,

“Ah, aku berasa hangat! Aku sudah melihat api!”

¹⁷ Kayu yang selebihnya dibuatnya jadi berhala, iaitu patung ukirannya, lalu dia sujud menyembah dan berdoa kepadanya, katanya,

“Tolonglah aku, kerana engkaulah tuhanku.”

¹⁸ Orang seperti itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak mengerti apa-apa.

Mata mereka tertutup sehingga tidak dapat melihat
dan hati mereka tertutup sehingga tidak dapat memahami apa-apa.

¹⁹ Tidak ada yang mempertimbangkannya dalam hati,
tidak ada pula pengetahuan atau pengertian untuk berkata,

“Separuh kayu itu sudah kubakar dalam api, bahkan di atas baranya sudah kubakar roti, kupanggang daging, lalu kumakan.

Masakan dari kayu selebihnya kubuat berhala kekejian? Masakan aku sujud kepada batang kayu?”

²⁰ Orang seperti itu hanya makan abu sahaja! Dia disesatkan oleh hatinya yang tertipu sehingga tidak dapat melepaskan diri atau berkata,

“Bukankah dusta yang ada di tangan kananku ini?”

Tuhan **Penebus Israel**

²¹ “Ingatlah hal-hal ini, wahai Yakub, kerana engkau hamba-Ku, wahai Israel. Aku telah membentukmu, engkau hamba-Ku! Wahai Israel, engkau tidak akan Kulupakan.

²² Aku sudah menghilangkan segala pelanggaranmu seperti awan

dan dosa-dosamu seperti kabus.

Kembalilah kepada-Ku, kerana Aku sudah menebus engkau.”

²³ Bersorak-sorailah, wahai langit, kerana Tuhan telah melakukan hal itu!

Bersorak rianglah, wahai bahagian-bahagian bumi yang terbawah!

Bergembiralah dengan sorak-sorai, wahai gunung-gunung,

wahai hutan dan segala pokok di dalamnya, kerana Tuhan telah menebus Yakub dan memuliakan diri-Nya di Israel.

²⁴ Beginilah firman Tuhan, Penebusmu, yang membentuk engkau sejak dalam kandungan:

Akulah Tuhan, yang menjadikan segala sesuatu, yang secara bersendirian membentangkan langit,

dan yang menghamparkan bumi. Siapakah yang mendampingi Aku?

²⁵ Akulah yang meniadakan tanda para penenung pembohong

dan membuat para penenung jadi gila.

Aku yang membuat orang bijak mundur ke belakang

dan membuat pengetahuan mereka jadi kebodohan.

²⁶ Aku meneguhkan kata-kata hamba-Ku dan melaksanakan rancangan yang diberitakan para utusan-Ku.

Aku yang berkata tentang Yerusalem, ‘Ia akan dihuni,’

dan tentang kota-kota Yehuda, ‘Ia akan dibangun kembali.’

Puing-puingnya akan Kudirikan kembali.

²⁷ Akulah yang berfirman kepada jurang lautan, ‘Jadilah kering!

Aku akan mengeringkan sungai-sungaimu.’

²⁸ Akulah yang berfirman tentang Kores, ‘Dialah gembala-Ku.

Dia akan melaksanakan segala kehendak-Ku.’

Tentang Yerusalem ia akan berkata, “Kota itu akan dibangun kembali,”

dan tentang Bait Suci, “Dasarnya akan diletakkan.”

Kores, raja Parsi, alat Allah

45 ¹ Beginilah firman Tuhan kepada orang yang dilantik-Nya, kepada Kores, yang Kupegang tangan kanannya untuk menakluki bangsa-bangsa di hadapannya,

untuk melucuti kekuatan raja-raja,
untuk membuka pintu-pintu di hadapannya
sehingga pintu-pintu gerbang tidak lagi
tertutup.

² “Aku akan memimpinmu
dan meluruskan tempat yang bengkok-
bengkok.

Aku akan memecahkan pintu-pintu gangsa dan
mematahkan palang-palang pintu besi.

³ Aku akan mengurniakan kepadamu harta
karun yang tersimpan dalam gelap
dan kekayaan yang ada di tempat-tempat
tersembunyi,
supaya engkau tahu bahawa Aku, Tuhan,
yang memanggil engkau dengan namamu ialah
Allah Israel.

⁴ Demi hamba-Ku Yakub
dan demi Israel, pilihan-Ku,
Aku memanggil engkau dengan namamu.
Aku memberi kamu gelaran, sungguhpun
engkau tidak mengenal Aku.

⁵ Akulah Tuhan dan tidak ada yang lain.
Tidak ada Allah selain Aku.

Aku memperlengkapkan engkau,
sungguhpun engkau tidak mengenal Aku,

⁶ supaya orang tahu, dari terbitnya matahari
sampai terbenamnya di barat,
bahawa tidak ada yang lain selain Aku.

Akulah Tuhan dan tidak ada yang lain.

⁷ Akulah yang mewujudkan cahaya dan
menciptakan gelap,

Akulah yang mendatangkan kesejahteraan dan
menciptakan malapetaka.

Aku, Tuhan, membuat segala hal ini.

⁸ Wahai langit, titiskanlah perbenaran dari atas
dan biarlah awan mencurahkaninya.

Biarlah bumi membukakan diri
dan membuahakan penyelamatan.

Biarlah perbenaran turut tumbuh bersama.

Aku, Tuhan, telah menciptakan hal itu.”

Allah ialah Pencipta

⁹ “Malangnya orang yang berbantah dengan
Penciptanya!

Dia hanyalah sekeping tembikar antara
tembikar di tanah.

Masakan tanah liat berkata kepada
pembentuknya,

‘Apakah yang kaubuat?’

Masakan hasil karyamu berkata,

‘Dia tidak punya tangan’?

¹⁰ Malangnya orang yang berkata kepada
ayahnya,

‘Apakah yang kauperanakan?’

Atau kepada ibunya,

‘Apakah yang kaulahirkan?’

¹¹ Beginilah firman Tuhan,

Yang Maha Suci, Pembentuk orang Israel,

‘Adakah kamu hendak bertanya kepada-Ku

tentang hal-hal yang akan terjadi dengan

anak-anak-Ku,

atau memberikan perintah kepada-Ku

sehubungan dengan pekerjaan tangan-Ku?

¹² Akulah yang menjadikan bumi

dan menciptakan manusia di atasnya.

Tangan-Ku sendirilah yang membentangkan

langit,

dan Aku memberikan perintah kepada seluruh

cakerawala angkasanya.

¹³ Akulah yang membangkitkan Kores dalam

perbenaran^t

dan Aku akan meluruskan segala jalannya.

Dia akan membangunkan kota-Ku kembali

dan melepaskan umat-Ku yang dibuang,

tanpa bayaran dan tanpa rasuah,”

demikianlah firman Tuhan alam semesta.

¹⁴ Beginilah firman Tuhan,

“Hasil jerih lelah Mesir dan keuntungan niaga

Kush

^t**45:13** Perbenaran: Antara maksud perkataan ini ialah keadilan. Tuhan yang menggerakkan Kores untuk menegakkan keadilan.

serta orang Seba yang berperawakan tinggi akan beralih kepadamu dan menjadi milikmu.

Mereka akan berjalan di belakangmu dan datang kepadamu dengan dirantai.

Mereka akan sujud memberi hormat kepadamu dan memohon kepadamu dengan berkata, 'Sesungguhnya, Allah menyertaimu, tidak ada yang lain.

Tidak ada tuhan yang lain!'

¹⁵ Sesungguhnya, Engkau ialah Allah yang menyembunyikan diri,

Wahai Allah Israel, Penyelamat.

¹⁶ Mereka semua akan malu, bahkan mendapat aib.

Tukang-tukang berhala akan berjalan bersama-sama dalam keaiban.

¹⁷ Tetapi Israel akan diselamatkan Tuhan dengan penyelamatan yang kekal.

Kamu tidak akan malu dan tidak akan mendapat aib sampai selama-lamanya."

¹⁸ Beginilah firman Tuhan, yang menciptakan langit –

Dialah Allah yang membentuk bumi dan menjadikannya.

Dialah yang mengukuhkannya.

Dia menciptakannya bukan supaya kosong, melainkan membentuknya supaya dihuni –

"Akulah Tuhan

dan tidak ada yang lain!

¹⁹ Tidak pernah Aku berfirman dengan
sembunyi-sembunyi

di suatu tempat di alam gelap.

Tidak pernah Aku berfirman kepada keturunan
Yakub,

‘Carilah hadirat-Ku dengan sia-sia.’

Aku, Tuhan, selalu mengatakan kebenaran,
selalu memberitahukan apa yang betul.”

Seruan kepada bangsa-bangsa agar kembali kepada Allah

²⁰ “Berkumpullah dan datanglah!

Ke marilah bersama-sama, wahai kamu yang
terselamat di antara bangsa!

Tidak berpengetahuan orang yang mengarak
patung ukiran daripada kayu,
yang berdoa kepada tuhan yang tidak dapat
menyelamatkan.

²¹ Beritahulah dan kemukakanlah alasanmu!
Ya, biarlah mereka berunding bersama-sama.
Siapakah yang mengkhabarkan hal ini sejak
zaman dahulu,

yang memberitahukannya sejak dahulu?

Bukankah Aku, Tuhan?

Tidak ada tuhan lain selain Aku,

Allah yang benar dan Penyelamat.

Tidak ada yang lain selain Aku.

²² Berpalinglah kepada-Ku dan biarlah kamu diselamatkan,

wahai segala hujung bumi,
kerana Akulah Allah dan tidak ada yang lain.

²³ Aku sudah bersumpah demi diri-Ku,
firman yang benar telah Kusampaikan sendiri
dan tidak akan ditarik kembali:
sesungguhnya, setiap lutut akan bertelut
kepada-Ku

dan setiap lidah akan bersumpah setia.

²⁴ Tentang Aku orang akan berkata, ‘Hanya
dalam Tuhan

ada perbenaran^u dan kekuatan.’

Semua orang yang marah kepada-Nya
akan datang menghampiri Dia dan mendapat
malu.

²⁵ Dalam Tuhan semua keturunan Israel
akan dinyatakan benar dan akan bermegah.”

Para tuhan Babel tidak berdaya

46 ¹ Dewa Bel bertelut dan Dewa Nebo
tunduk membongkok,
patung-patung berhalanya dimuatkan di atas
binatang dan ternak.

^u**45:24** Perkataan ‘perbenaran’ dalam ayat ini membawa maksud keadilan.

45:23: Rm 14:11; Flp 2:10,11.

Apa yang dahulu kamu arak, sekarang
dimuatkan sebagai beban pada
binatang-binatang yang lelah.

² Mereka tunduk dan bertelut bersama-sama.
Mereka tidak dapat menyelamatkan beban itu,
malah mereka sendiri harus pergi ke tempat
penawanan.

³ “Dengarlah Aku, wahai keturunan kaum
Yakub,

wahai semua saki-baki umat daripada
keturunan kaum Israel,
yang Kudukung sejak dalam kandungan,
yang Kujunjung sejak dalam rahim.

⁴ Sampai masa tuamu Aku tetap Dia
dan sampai masa rambutmu beruban Aku akan
menanggung kamu.

Aku telah menjadikan kamu dan Aku akan terus
mendukung kamu.

Aku akan menanggung dan menyelamatkan
kamu.

⁵ Dengan siapakah kamu hendak menyamakan
Aku,
menyejajarkan atau mengibaratkan Aku
sehingga kami sama?

⁶ Orang memboroskan emas daripada
pundi-pundinya
dan menimbang perak dengan neraca.

Mereka mengupah tukang emas untuk
membuatnya jadi tuhan,
lalu mereka sujud kepadanya, bahkan
menyembahnya.

⁷ Mereka mendukungnya di atas bahu,
menanggungnya,
lalu meletakkannya pada tempatnya.
Di situ ia berdiri, tidak dapat berpindah dari
tempatya.

Sekalipun orang berseru kepadanya, ia tidak
menjawab.

Dia tidak dapat menyelamatkan orang itu
daripada kesesakannya.

⁸ Ingatlah hal ini dan bersikap beranilah.
Pertimbangkanlah dalam hati, wahai orang
derhaka!

⁹ Ingatlah hal-hal yang dahulu, sejak purbakala.
Akulah Allah dan tidak ada yang lain!
Akulah Allah dan tidak ada yang seperti Aku!

¹⁰ Akulah yang memberitahukan akhir sesuatu
sejak awalnya,
dan hal-hal yang belum terjadi sejak zaman
dahulu.

Firman-Ku, 'Rancangan-Ku akan terlaksana.
Aku akan melakukan segala kehendak-Ku.

¹¹ Kupanggil seekor burung pemangsa dari
sebelah timur,
pelaksana rancangan-Ku dari negeri yang jauh.

Ya, Aku sudah berfirman dan Aku akan
mewujudkannya.

Aku sudah menetapkan dan Aku akan
melaksanakannya.

¹² Dengarlah Aku, wahai kamu yang keras hati,
wahai kamu yang jauh daripada perbenaran!

¹³ Aku akan mendekatkan perbenaran-Ku,^v
itu tidak akan jauh lagi.

Penyelamatan daripada Aku tidak akan
bertanggung lagi.

Aku akan mengurniakan penyelamatan di Sion
dan kemuliaan-Ku kepada Israel.”

Keruntuhan Babel

47 ¹ “Turunlah dan duduklah dalam debu,
wahai anak dara, puteri Babel!

Duduklah di tanah tanpa takhta,
wahai puteri Kasdim,
kerana engkau tidak akan lagi disebut
lembut dan manja.

² Ambillah batu kisaran dan gilinglah tepung.
Singkapkanlah kain kerudungmu,
angkatlah sarungmu, singkapkanlah betismu,
seberangilah sungai-sungai.

^v**46:13** Perbenaran: Merujuk kepada tindakan Allah yang menyelamatkan umat-Nya.

47:1: Yes 13:1—14:23; Yer 50:1—51:64.

³ Auratmu akan tersingkap,
ya, celamu akan terlihat.

Aku akan melakukan pembalasan
dan tidak akan menyayangi seorang pun.

⁴ Nama Penebus kami ialah Tuhan alam
semesta,

Yang Maha Suci, Allah Israel.

⁵ Duduklah membisu dan masuklah ke dalam
gelap,

wahai puteri Kasdim, kerana engkau tidak akan
lagi disebut

permaisuri kepada kerajaan-kerajaan.

⁶ Aku telah murka kepada umat-Ku,
sehingga Aku menajiskan harta pusaka-Ku
dan menyerahkannya ke dalam tanganmu.

Tetapi engkau tidak menaruh belas kasihan
kepada mereka,

sehingga pada orang tua pun
kautanggungkan kukmu yang sangat berat.

⁷ Engkau berkata, 'Untuk selama-lamanya aku
akan menjadi permaisuri,'

sehingga engkau tidak memperhatikan hal-hal
ini

dan tidak mengingat kesudahannya.

⁸ Sekarang dengarlah ini, wahai engkau yang
gemar bersenang-senang,

yang duduk-duduk dengan aman,
yang berkata dalam hati,
'Aku, dan tidak ada yang lain.

Aku tidak akan pernah hidup menjanda dan
tidak akan pernah tahu bagaimana rasanya
kehilangan anak.'

⁹ Akan tetapi, kedua-dua hal itu akan
menimpamu dalam sekejap, dalam satu
hari,

iaitu kehilangan anak dan menjadi balu.
Kedua-dua hal itu akan sepenuhnya
menimpamu,

sekalipun banyak sihirmu
dan sangat kuat manteramu.

¹⁰ Engkau berasa aman dalam kejahatanmu,
katamu, 'Tidak ada yang melihat aku!'
Kebijaksanaanmu dan pengetahuanmu,
itulah yang menyesatkan engkau,
sehingga engkau berkata dalam hatimu,
'Aku, dan tidak ada yang lain.'

¹¹ Malapetaka akan menimpamu,
engkau tidak tahu bagaimana menangkalnya
dengan jampimu.

Bencana akan melandamu
tanpa sanggup kautolak dengan membayar
tebusan.

Kebinasaan akan menimpamu dengan tiba-tiba,
tanpa kauketahui.

¹² Cubalah bertahan dengan manteramu dan dengan sihirmu yang banyak itu, yang telah kausibukkan sejak masa kecilmu. Siapa tahu engkau boleh mendapat faedah, siapa tahu engkau dapat menimbulkan kegentaran.

¹³ Engkau melelahkan diri dengan banyak nasihat.

Biarlah ahli-ahli nujum, para penilik bintang yang meramal tiap-tiap bulan, tampil dan menyelamatkan engkau daripada hal-hal yang akan menimpamu!

¹⁴ Sesungguhnya, mereka seperti tunggul jerami.

Api akan membakar mereka.

Mereka tidak dapat melepaskan diri daripada kuasa nyala api.

Api itu bukan bara untuk menghangatkan diri, bukan api untuk berdiang.

¹⁵ Demikianlah jadinya bagimu orang yang telah kausibukkan itu, yang berniaga dengan engkau sejak masa kecilmu.

Mereka tersesat di jalan masing-masing, tidak ada yang dapat menyelamatkan engkau.”

Allah menciptakan masa depan yang baru

48 ¹ Dengarlah hal ini, wahai keturunan kaum Yakub,

yang disebut dengan nama Israel
dan yang datang daripada garis keturunan
Yehuda,

yang bersumpah demi nama Tuhan
dan yang menyebut nama Allah Israel,
tetapi tidak dalam kesungguhan dan tidak
dalam ketulusan hati –

² kerana mereka menyebut diri penduduk kota
suci

dan bersandar kepada Allah Israel,
yang bernama Tuhan alam semesta –

³ “Hal-hal yang dahulu telah Kuberitahu sejak
dahulu,

semua itu telah Kusampaikan sendiri dan
Kukhabarkan.

Dengan tiba-tiba Aku bertindak dan semua itu
pun terjadi.

⁴ Aku tahu bahawa engkau degil.

Tengkukmu berurat besi dan dahimu daripada
tembaga.

⁵ Itulah sebabnya Aku memberitahukanmu
sejak dahulu.

Sebelum hal itu terjadi Aku mengkhabarkanya
kepadamu,

supaya engkau tidak berkata,
'Berhalaku yang melakukannya.
Patung ukiranku dan patung tuanganku yang
memerintahkannya.'

⁶ Engkau telah mendengarnya, perhatikanlah
semua itu!

Tidakkah kamu mahu mengakuinya?
Mulai sekarang Aku akan mengkhabarkan
kepadamu hal-hal yang baru,
iaitu hal-hal tersembunyi yang belum
kauketahui.

⁷ Baru sekarang hal-hal itu diciptakan, bukan
sejak dahulu,
sebelum hari ini engkau tidak pernah
mendengarnya,

supaya engkau tidak berkata,
'Ya, aku sudah mengetahuinya!'

⁸ Sesungguhnya, engkau belum pernah
mendengarnya dan belum pernah
mengetahuinya.

Bahkan sejak dahulu telingamu belum terbuka,
kerana Aku tahu bahawa kelakuanmu sangat
khianat,

dan orang menyebut kamu derhaka sejak
dalam kandungan.

⁹ Demi nama-Ku Aku menanggukkan murka-Ku
dan demi kemasyhuran-Ku Aku menahannya
daripadamu

supaya engkau tidak Kulenyapkan.

¹⁰ Sesungguhnya, Aku sudah memurnikan engkau tetapi bukan seperti perak. Aku sudah menguji engkau dalam dapur api kesusahan.

¹¹ Demi diri-Ku, ya, demi diri-Ku Aku melakukannya, kerana bagaimana mungkin Kubiarkan nama-Ku dinista? Aku tidak akan menyerahkan kemuliaan-Ku kepada yang lain.”

Tuhan **menebus Israel**

¹² “Dengarlah Aku, wahai Yakub, wahai Israel yang telah Kupanggil! Aku tetap Dia! Akulah yang awal, Akulah juga yang akhir.

¹³ Tangan-Ku juga yang meletakkan dasar bumi, dan tangan kanan-Ku yang membentangkan langit.

Apabila Aku memanggil mereka, mereka tampil bersama-sama.

¹⁴ Berhimpunlah kamu semua dan dengarlah! Siapakah antara berhala yang telah memberitahukan hal-hal ini? Dia yang dikasihi Tuhan

akan melaksanakan kehendak-Nya terhadap Babel.

Tangannya akan melawan orang Kasdim.

¹⁵ Aku, Aku telah berfirman.

Ya, Aku telah memanggil dia.

Aku telah mendatangkan dia

dan dia akan berhasil menjalankan tugasnya.

¹⁶ Datanglah dekat kepada-Ku, dengarlah hal ini:

Sejak mula-mula lagi Aku tidak berfirman dengan sembunyi-sembunyi, sejak waktu hal itu terjadi, Aku ada di sana.” Sekarang, Tuhan Allah telah mengutus aku dengan Roh-Nya.

¹⁷ Beginilah firman Tuhan, Penebusmu,

Yang Maha Suci, Allah Israel,

“Akulah Tuhan, Allahmu,

yang mengajar engkau tentang apa yang berfaedah,

yang membimbing engkau di jalan yang patut kautempuh.

¹⁸ Kalaulah engkau memperhatikan perintah-perintah-Ku,

maka kedamaianmu sudah seperti sungai

dan perbenaranmu^w seperti gelombang di lautan.

¹⁹ Keturunanmu sudah seperti pasir dan anak cucumu seperti butiran pasir. Nama mereka tidak akan lenyap atau punah dari hadapan-Ku.”

²⁰ Keluarlah dari Babel! Larilah daripada antara orang Kasdim!

Uar-uarkanlah hal ini dengan suara sorak-sorai, khabarkannya!

Siarkanlah sampai ke hujung bumi!

Katakanlah, “Tuhan telah menebus hamba-Nya Yakub!”

²¹ Mereka tidak berasa dahaga apabila Dia menuntun mereka melalui tempat-tempat yang tandus.

Dia mengalirkan air bagi mereka dari batu pejal, Dia membelah batu pejal sehingga air memancar keluar.

²² “Tidak ada kedamaian bagi orang fasiq,” demikianlah firman Tuhan.

^w**48:18** Dalam bahasa Ibrani, ‘tsedaqah’ sering kali diterjemahkan dengan perkataan, ‘perbenaran’ bermakna kemenangan.

Hamba Tuhan sebagai cahaya

49 ¹ Dengarlah aku, wahai pulau-pulau!
Perhatikanlah, wahai bangsa-bangsa yang jauh!

Tuhan telah memanggil aku sejak dalam kandungan.

Sejak dalam perut ibuku Dia telah menyebut namaku.

² Dia menjadikan mulutku seperti pedang yang tajam,

di bawah naungan tangan-Nya Dia melindungi aku.

Dia menjadikan aku anak panah yang berkilat, di dalam tabung panah-Nya Dia menyembunyikan aku.

³ Firman-Nya kepadaku, “Engkaulah hamba-Ku, wahai Israel, melalui engkau Aku akan menyatakan kemuliaan-Ku.”

⁴ Tetapi aku berkata, “Sia-sia sahaja aku berjerih lelah.

Aku menghabiskan kekuatanku dengan sia-sia dan tanpa guna.

Namun demikian, hakku ada pada Tuhan dan ganjaranku ada pada Allahku.”

⁵ Sekarang demikianlah firman Tuhan –
Dia membentuk aku sejak dalam kandungan
untuk menjadi hamba-Nya,
untuk membawa Yakub kembali kepada-Nya,
dan untuk mengumpulkan Israel kepada-Nya.

Aku ini mulia di mata Tuhan
dan Allahku adalah kekuatanku –

⁶ firman-Nya, “Terlalu ringan bagimu cuma
untuk menjadi hamba-Ku,
untuk membangkitkan suku-suku Yakub
kembali,
dan untuk mengembalikan orang Israel yang
masih terpelihara.

Aku akan membuat kamu menjadi cahaya
kepada bangsa-bangsa
supaya kamu membawa penyelamatan
daripada-Ku sampai ke hujung bumi.

⁷ Beginilah firman Tuhan,
Penebus Israel, Allahnya Yang Maha Suci,
kepada dia yang dihina manusia dan dipandang
keji oleh bangsa itu,
kepada hamba para penguasa,
“Raja-raja akan melihat lalu bangkit berdiri,
para penguasa akan sujud memberi hormat,
kerana Tuhan yang setia,

Yang Maha Suci, Allah Israel, telah memilih engkau.”

Sion dipulihkan

⁸ Beginilah firman Tuhan,

“Pada waktu Aku berkenan, Aku akan menjawab engkau, pada hari penyelamatan, Aku akan menolong engkau.

Aku juga akan menjaga engkau dan menetapkan engkau

menjadi perjanjian bagi umat manusia, untuk menegakkan negeri ini kembali dan membahagi-bahagikan harta pusaka yang telah sunyi,

⁹ untuk berkata kepada orang tahanan, ‘Keluarlah!’

kepada orang yang ada dalam kegelapan, ‘Perlihatkanlah dirimu!’

Di sepanjang jalan mereka seperti domba yang meragut rumput,

dan di segala bukit yang gondol akan ada padang rumput bagi mereka.

¹⁰ Mereka tidak akan berasa lapar atau dahaga, mereka tidak akan tersengat oleh panasnya padang pasir atau teriknya matahari,

kerana Dia yang menyayangi mereka akan
menuntun mereka
dan membimbing mereka ke mata-mata air.

¹¹ Aku akan membuat segala gunung-Ku
menjadi jalan,
dan jalan-jalan raya-Ku akan dibangunkan.

¹² Lihat, orang akan datang dari jauh –
beberapa antaranya dari sebelah utara dan dari
sebelah barat,
dan beberapa dari Tanah Sinim.”

¹³ Bersorak-sorailah, wahai langit!
Bergembiralah, wahai bumi!
Bergembiralah dengan sorak-sorai, wahai
gunung-gunung!
Kerana Tuhan telah menghiburkan umat-Nya
dan Dia akan menyayangi orang-Nya yang
tertindas.

¹⁴ Tetapi Sion berkata, “Tuhan telah
meninggalkan aku.

Tuhan telah melupakan aku.”

¹⁵ “Dapatkah seorang perempuan melupakan
anak yang disusuihnya,
dan tidak menyayangi anak daripada
kandungannya?

Ya, dia mungkin akan lupa,
tetapi Aku tidak akan melupakan engkau!

¹⁶ Lihat, Aku telah melukiskan engkau di telapak
tangan-Ku,

tembok-tembok kotamu sentiasa ada di hadapan-Ku.

¹⁷ Anak-anakmu akan segera datang, tetapi orang yang meruntuhkan dan merosakkan engkau akan keluar daripadamu.

¹⁸ Layangkanlah pandangan ke sekeliling dan lihatlah!

Mereka semua berkumpul dan datang kepadamu.

Demi Aku yang hidup,” demikianlah firman Tuhan,

“sungguh, engkau akan mengenakan mereka semua seperti perhiasan dan melilitkannya ke badan seperti seorang pengantin perempuan.

¹⁹ Memang tempat-tempatmu telah rosak dan sunyi,

negerimu telah diruntuhkan,

tetapi sekarang engkau akan terlalu sempit bagi pendudukmu,

dan orang yang menelan engkau akan pergi jauh-jauh.

²⁰ Anak-anakmu yang dahulu hilang

masih akan berkata kepadamu,

‘Tempat itu terlalu sempit bagiku.

Berilah aku ruang supaya aku dapat tinggal.’

²¹ Engkau akan berkata dalam hatimu,

‘Siapakah yang telah melahirkan mereka ini
bagiku?

Aku telah kehilangan anak dan mandul,
dibuang dan disingkirkan,
lalu siapakah yang membesarkan mereka ini?
Sesungguhnya, aku tertinggal seorang diri.
Dari manakah mereka ini?’ ”

²² Beginilah firman Tuhan Allah,

“Lihat, Aku akan mengangkat tangan-Ku bagi
bangsa-bangsa

dan meninggikan panji-panji-Ku bagi suku-suku
bangsa.

Mereka akan datang menggendong anak
lelakimu

dan mendukung anak perempuanmu di atas
bahu mereka.

²³ Raja-raja akan menjadi pengasuhmu
dan permaisuri-permaisuri mereka menjadi
inang penyusumu.

Mereka akan sujud memberi hormat kepadamu
dan menjilat debu kakimu.

Engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

Orang yang menantikan Aku tidak akan malu.”

²⁴ Dapatkah barang rampasan direbut daripada
seorang kesateria

atau tawanan diselamatkan daripada orang
perkasa?

²⁵ Sungguh, beginilah firman Tuhan,

“Bahkan tawanan seorang kesateria dapat
direbut
dan rampasan orang perkasa dapat
diselamatkan,
kerana Aku akan menentang orang yang
menentang engkau
dan Aku akan menyelamatkan anak-anakmu.
²⁶ Aku akan membuat orang yang menindas
engkau memakan daging sendiri,
dan mereka akan mabuk oleh darah sendiri
seperti oleh air anggur baru.
Semua manusia akan tahu
bahawa Aku, Tuhan, ialah Penyelamatmu
dan Penebusmu, Yang Maha Perkasa, Allah
Yakub.”

Dosa Israel

50 ¹ Beginilah firman Tuhan
“Di manakah surat cerai ibumu
tanda Aku mengusir dia?
Atau, kepada siapakah antara pemiutang-Ku
Aku pernah menjual engkau?
Sesungguhnya, kamu dijual atas sebab
kesalahan-kesalahanmu,
dan ibumu diusir kerana segala pelanggaranmu.
² Mengapa tidak ada seorang pun apabila Aku
datang,

dan tidak ada yang menjawab apabila Aku memanggil?

Adakah tangan-Ku tidak berkuasa sama sekali sehingga tidak dapat menyelamatkan kamu?

Masakan tidak ada kekuatan pada-Ku untuk melepaskan kamu?

Sesungguhnya, dengan herdikan-Ku Aku mengeringkan laut,

Aku membuat sungai-sungai menjadi padang gurun.

Ikan-ikannya berbau busuk kerana tidak ada air dan mati kehausan.

³ Aku boleh mengenakan pakaian hitam kepada langit

dan membuat kain kabung jadi selubungnya.”

Ketaatan hamba Allah

⁴ Tuhan Allah telah mengurniakan lidah seorang murid kepadaku, supaya dengan perkataanku aku tahu bagaimana menolong orang yang letih. Dia membangunkan aku pagi demi pagi, Dia menjadikan aku peka untuk mendengar seperti seorang murid.

⁵ Tuhan Allah telah membuka telingaku dan aku tidak memberontak. Aku tidak mundur.

⁶ Aku menyerahkan belakangku kepada orang
yang memukul aku,
dan pipiku kepada orang yang mencabut
janggutku.

Tidak kusembunyikan mukaku
apabila diaibkan dan diludahi orang.

⁷ Tuhan Allah menolong aku,
sebab itu aku tidak mendapat aib.

Oleh sebab itu pula aku menetapkan hatiku
seteguh batu api,
dan aku tahu bahawa aku tidak akan malu.

⁸ Dia yang membenarkan aku sudah dekat,
Siapakah yang hendak berbantah-bantah
dengan aku?

Mari kita tampil bersama-sama!

Siapakah lawanku berperkara?

Biarlah dia menghampiriku!

⁹ Sesungguhnya, Tuhan Allah menolong aku.
Siapakah yang berani menyatakan aku
bersalah?

Sesungguhnya, mereka semua akan menjadi
usang seperti pakaian,
gegat akan memakan mereka.

¹⁰ Siapakah antara kamu yang takut kepada
Tuhan
dan mendengar perkataan hamba-Nya?

Kalau dia berjalan dalam kegelapan
dan tidak ada cahaya baginya,
biarlah dia percaya kepada nama Tuhan
dan bergantung pada Allahnya.

¹¹ Camkanlah, wahai kamu semua yang
menyalakan api,

yang memperlengkapkan diri dengan
panah-panah api!

Berjalanlah ke dalam nyala apimu
dan ke tengah-tengah panah api yang kamu
nyalakan.

Inilah yang akan kamu terima daripada
tangan-Ku:

kamu akan rebah di tempat azab penyeksaan.

Kata-kata penghibur untuk Sion

51 ¹ “Dengarlah Aku, wahai kamu yang
mengejar perbenaran,^x

wahai kamu yang mencari hadirat Tuhan!

Pandanglah batu pejal tempat asal kamu
terpahat

dan lubang galian tempat asal kamu digali.

² Pandanglah Abraham, nenek moyangmu,
dan Sarah yang melahirkan kamu.

^x51:1, 5 Perbenaran: Perkataan ini membawa beberapa maksud. Antaranya ialah kesalihan atau hal-hal yang benar.

Aku memanggil Abraham apabila dia seorang diri.

Aku memberkati dia dan meramaikan keturunannya.

³ Sungguh, Tuhan akan menghiburkan Sion. Dia akan menghiburkan segala reruntuhannya. Dia akan menjadikan tanah gersangnya seperti Eden

dan gurunnya seperti taman Tuhan.

Kegirangan dan kesukaan akan didapati di dalamnya,

begitu jugalah ucapan syukur dan bunyi muzik.

⁴ Berikanlah perhatian dan lihat Aku, wahai umat-Ku!

Pasanglah telingamu, wahai bangsa-Ku!

Penghakiman akan keluar daripada-Ku dan Aku menetapkan keadilan-Ku menjadi cahaya bagi bangsa-bangsa.

⁵ Perbenaran daripada-Ku sudah dekat, penyelamatan daripada-Ku sudah terbit, dan tangan-Ku akan menghakimi bangsa-bangsa.

Pulau-pulau menantikan Aku, mereka mengharapkan tindakan tangan-Ku.

⁶ Layangkanlah pandangan ke langit dan tengoklah bumi di bawah.

Langit akan lenyap seperti asap, bumi akan menjadi usang seperti pakaian,

dan penduduknya akan mati seperti nyamuk,
tetapi penyelamatan daripada-Ku kekal adanya
dan kebenaran daripada-Ku tidak akan
berakhir.

⁷ Dengarlah Aku, wahai kamu yang mengetahui
kebenaran,
wahai umat yang menaruh hukum-Ku dalam
hatinya!

Jangan takut terhadap celaan manusia
dan jangan kecut hati terhadap hujahan
mereka,

⁸ kerana gegat akan memakan mereka seperti
pakaian
dan gegat akan memakan mereka seperti bulu
domba,
tetapi perbenaran daripada-Ku kekal adanya
dan penyelamatan daripada-Ku tetap
turun-temurun.”

⁹ Bangunlah, bertindaklah! Gunakanlah
kekuatanmu,
wahai tangan Tuhan!

Bertindaklah seperti pada zaman dahulu,
pada zaman angkatan purbakala!
Bukankah Engkau yang mencencang Rahab,
yang menikam naga itu?

¹⁰ Bukankah Engkau yang mengeringkan laut,
air samudera raya;
yang membuat lautan dalam menjadi jalan,

supaya orang yang ditebus dapat
menyeberang?

¹¹ Orang yang ditebus Tuhan akan pulang
dan memasuki Sion dengan sorak-sorai.
Kesukaan kekal akan menghiasi kepala mereka.
Mereka akan memperoleh kesukaan dan
kegembiraan,
sedangkan dukacita dan keluh-kesah akan
menghilang.

¹² "Aku, Akulah yang menghiburkan kamu.
Siapakah engkau sehingga engkau takut kepada
manusia yang akan mati,
kepada anak manusia yang seperti rumput
belaka?

¹³ Engkau melupakan Tuhan yang menjadikan
kamu,
yang membentangkan langit,
dan yang meletakkan dasar bumi.
Engkau terus ketakutan sepanjang hari kerana
amarah si penganiaya,
apabila dia merancangkan kemusnahan.
Tetapi di manakah gerangan amarah si
penganiaya itu?

¹⁴ Tawanan yang meringkuk itu akan segera
dilepaskan.

Dia tidak akan mati di lubangutupan
dan tidak akan kekurangan makanan.

¹⁵ Akulah Tuhan, Allahmu,

yang menggelorakan laut
sehingga gelombangnya menderu-deru.
Tuhan alam semesta ialah nama-Nya.

¹⁶ Aku telah memberitahukan firman-Ku
kepadamu
dan melindungi engkau di bawah naungan
tangan-Ku
supaya Aku kembali membentangkan langit
dan meletakkan dasar bumi,
sambil berfirman kepada Sion, 'Engkaulah
umat-Ku.' "

¹⁷ Bangunlah, bangunlah!
Bangkitlah, wahai Yerusalem,
yang telah meminum daripada tangan Tuhan
cawan berisi murka-Nya.
Engkau telah meminum habis
isi cawan yang memabukkan itu.

¹⁸ Antara semua anak yang dilahirkannya,
tidak ada yang membimbing dia.
Antara semua anak yang dibesarkannya,
tidak ada yang memegang tangannya.

¹⁹ Dua perkara inilah yang telah menimpa
engkau –
siapakah yang akan berdukacita kerana engkau?
Kemusnahan dan kehancuran, bencana
kebuluran dan pedang –

siapakah yang akan menghiburkan engkau?

²⁰ Anak-anakmu lemah lesu,
mereka rebah di setiap hujung jalan
seperti antelop yang terjebak.

Mereka kenyang dengan murka Tuhan,
dengan herdikan Allahmu.

²¹ Oleh sebab itu semoga kamu dengarlah hal
ini, wahai kamu yang tertindas,
wahai kamu yang mabuk tetapi bukan oleh air
anggur!

²² Beginilah firman Tuhanmu Tuhan,
Allahmu yang memperjuangkan perkara
umat-Nya,

“Lihat, Aku telah mengambil dari tanganmu
cawan yang memabukkan itu,
isi cawan murka-Ku.

Engkau tidak akan meminumnya lagi.

²³ Sebaliknya, Aku hendak menaruhnya di
tangan orang yang menindasmu,
yang telah berkata kepada kepadamu,
‘Tunduklah, supaya kami menginjak-injak di
atas kamu.’

Engkau telah menjadikan punggungmu sebagai
tanah,
sebagai jalan untuk diinjak-injak.”

Tuhan **menyelamatkan Sion**

52 ¹ Bangunlah, bangunlah!
Kenakanlah kekuatanmu, wahai Sion!
Kenakanlah pakaian kehormatanmu
wahai Yerusalem, kota yang suci,
kerana orang yang tidak bersunat dan yang
najis tidak akan masuk lagi ke dalammu.

² Kebaskanlah debu daripadamu,
bangkitlah, duduklah, wahai Yerusalem!
Lepaskanlah tali pengikat dari lehermu,
wahai puteri Sion yang tertawan!

³ Beginilah firman Tuhan,
“Kamu telah dijual tanpa harga, maka kamu
pun akan ditebus tanpa wang.”

⁴ Beginilah firman Tuhan Allah,
“Pada mulanya umat-Ku pergi ke Mesir untuk
tinggal di sana sebagai pendatang.
Kemudian orang Asyur menindas mereka
dengan tidak semena-mena.

⁵ Sekarang, apakah lagi urusan-Ku di sini?”
Demikianlah firman Tuhan.
“Umat-Ku diambil tanpa harga.
Orang yang menguasainya meraung-raung,”
demikianlah firman Tuhan,
“dan nama-Ku terus dinista sepanjang hari.

⁶ Oleh sebab itu umat-Ku akan mengenal
nama-Ku,
dan pada hari itu mereka akan mengetahui
bahawa Akulah yang berfirman, ya Aku.”

⁷ Alangkah indahnya di atas gunung-gunung
melihat kaki mereka yang membawa berita
baik,
yang mengkhabarkan kedamaian,
yang membawa khabar kesukaan,
yang mengkhabarkan penyelamatan,
yang berkata kepada Sion, “Allahmu bertakhta!”

⁸ Dengarlah, para pengintipmu menyaringkan
suara,
mereka bersorak-sorai bersama-sama,
kerana dengan mata kepala sendiri mereka
melihat
bagaimana Tuhan memulihkan Sion.

⁹ Bergembiralah, bersorak-sorailah bersama-
sama,
wahai reruntuhan Yerusalem,
kerana Tuhan telah menghiburkan umat-Nya.
Dia telah menebus Yerusalem.

¹⁰ Tuhan telah memperlihatkan kuasa-Nya yang
suci
di hadapan mata segala bangsa.
Segala hujung bumi akan melihat

penyelamatan daripada Allah kita.

¹¹ Menyingkirlah, menyingkirlah, keluarlah dari sana!

Jangan sentuh yang najis!

Keluarlah dari tengah-tengahnya, sucikanlah dirimu,

wahai kamu yang mengangkut kelengkapan Bait Tuhan.

¹² Sungguh, kamu tidak akan keluar dengan terburu-buru

dan tidak akan pergi sebagai pelarian,

kerana Tuhan akan maju di depanmu,

Allah Israel akan menjadi penutup barisanmu.

Hamba Allah yang menderita

¹³ Sesungguhnya, hamba-Ku akan bertindak bijaksana.

Dia akan ditinggikan, dijunjung, dan sangat dimuliakan.

¹⁴ Sebagaimana ramai orang tercengang melihat dia –

begitu rosak rupanya sehingga tidak seperti manusia lagi

dan susuknya tidak seperti anak manusia lagi –

¹⁵ demikianlah dia akan mengejutkan banyak bangsa.

Raja-raja akan menutup mulut melihat dia,
kerana mereka akan melihat apa yang belum
pernah diceritakan kepada mereka dan
memahami apa yang belum pernah
didengar mereka.

53 ¹ Siapakah yang mempercayai khabar
kami,

dan kepada siapakah kuasa Tuhan dinyatakan?

² Seperti tunas muda dia tumbuh di
hadapan-Nya,
seperti akar dari gurun.

Tidak ada keelokan dan tidak ada semarak
padanya sehingga kita memandang dia,
tidak ada tampang sehingga kita menginginkan
dia.

³ Dia dihina dan ditolak manusia,
seorang yang penuh derita dan terbiasa dengan
kesakitan.

Dia dihina sehingga orang menutup muka
terhadap dia,
dan kita pun menganggapnya tidak penting.

⁴ Sesungguhnya, dialah yang menanggung
penyakit kita
dan memikul derita kita,
padahal kita menganggap dia kena tulah,
dihukum Allah dan ditindas.

⁵ Tetapi dia terluka oleh sebab segala pelanggaran kita,
dia dihancurkan oleh sebab segala kesalahan kita.

Pengajaran yang mendatangkan kesejahteraan bagi kita ditimpakan kepadanya dan oleh bilur-bilurnya kita sembuh.

⁶ Kita semua tersesat seperti domba, setiap orang menyimpang menurut jalannya sendiri, tetapi Tuhan telah menimpakan kepadanya kesalahan kita semua.

⁷ Dia dianiaya dan ditindas, tetapi dia tidak membuka mulutnya. Seperti anak domba yang dibawa untuk disembelih, seperti domba yang senyap di hadapan orang yang menggunting bulunya, maka dia tidak membuka mulutnya.

⁸ Daripada tahanan dan daripada pengadilan dia diambil.

Siapa akan mengisahkan keturunannya?
Dia dilenyapkan daripada negeri orang hidup, dan kerana pelanggaran umat-Ku dia kena tular.

⁹ Kuburnya ditentukan antara orang fasiq,
dan dalam kematiannya dia bersama kalangan
kaya,
sungguhpun dia tidak pernah melakukan
kekerasan
dan tidak ada tipu daya di dalam mulutnya.

¹⁰ Namun begitu, Tuhan berkehendak
menghancurkan dan menyakiti dia.
Jika dia menjadikan jiwanya korban penebus
kesalahan,
maka dia akan melihat keturunannya dan
umurnya lanjut.
Kehendak Tuhan akan berhasil dalam
tangannya.

¹¹ Sesudah kesusahan jiwanya
dia akan melihat cahaya kehidupan dan berasa
puas.

Hamba-Ku yang benar itu
akan membenarkan ramai orang dengan
pengetahuannya.

Dia akan memikul dosa-dosa mereka.

¹² Oleh sebab itu Aku akan menentukan
bahagiannya bersama-sama orang besar,
dan dia akan berbahagi jarahan bersama-sama
orang kuat,

kerana dia telah mencurahkan nyawanya
sampai mati
dan diperhitungkan bersama-sama orang
derhaka,
padahal dia menanggung dosa orang ramai
dan berdoa bagi para penderhaka.

Perjanjian damai dengan Sion

54 ¹ “Bersorak-sorailah, wahai perempuan
mandul yang tidak pernah melahirkan
anak!

Bergembiralah dengan sorak-sorai dan
memekiklah, wahai engkau yang tidak
pernah mengalami sakit bersalin!

Kerana anak daripada perempuan yang
ditinggalkan suaminya akan lebih ramai
daripada anak daripada perempuan yang
bersuami,” demikianlah firman Tuhan.

² “Luaskanlah tempat khemahmu
dan biarlah dibentangkan kain-kain khemah
penghunianmu,
jangan ditahan-tahan.

Panjangkanlah tali-talimu
dan kukuhkanlah pancang-pancangmu,

³ kerana engkau akan mengembang ke kanan
dan ke kiri.

Keturunanmu akan memiliki bangsa-bangsa dan menduduki kota-kota yang sunyi sepi.

⁴ Jangan takut, kerana engkau tidak akan mendapat malu.

Jangan berasa tercela, kerana engkau tidak akan dihina.

Engkau akan melupakan aib semasa mudamu, dan cela kejandaanmu tidak akan kauingat lagi.

⁵ Sesungguhnya, Dia yang menjadikan engkau seperti suami bagimu,

Tuhan alam semesta ialah nama-Nya.

Penebusmu ialah Yang Maha Suci, Allah Israel.

Dia disebut Allah semesta bumi.

⁶ Tuhan memanggil engkau

seperti memanggil isteri yang ditinggalkan dan yang bersusah hati,

iaitu isteri yang dikahwin pada masa muda tetapi kemudian ditolak,"

demikianlah firman Allahmu.

⁷ "Seketika sahaja Aku meninggalkan engkau, tetapi dengan kasih sayang yang besar Aku akan mengumpulkan engkau.

⁸ Dalam luapan murka-Ku

Aku menyembunyikan hadirat-Ku daripadamu seketika sahaja,

tetapi dengan kasih yang kekal

Aku mengasihani engkau,"

demikianlah firman Tuhan, Penebusmu.

⁹ “Bagi-Ku hal ini seperti air bah pada zaman Nuh.

Sebagaimana Aku bersumpah bahwa air bah pada zaman Nuh tidak akan melanda bumi lagi, demikianlah Aku bersumpah bahwa Aku tidak akan murka lagi kepadamu atau mengherdik engkau.

¹⁰ Sekalipun gunung-ganang dipindahkan dan bukit-bukit bergoyang, kasih abadi-Ku tidak akan berpindah daripadamu dan perjanjian damai-Ku tidak akan bergoyang,” demikianlah firman Tuhan, yang mengasihani engkau.

¹¹ “Wahai engkau yang tertindas, diserbu badai, dan tidak dihiburkan! Sesungguhnya, Aku akan menghamparkan alasmu daripada batu serawak dan meletakkan dasarmu daripada batu nilam.

¹² Puncak-puncak menaramu akan Kubuat daripada batu delima, pintu-pintu gerbangmu daripada batu manikam, dan seluruh tembok perbatasanmu daripada batu permata.

¹³ Semua anakmu akan menjadi pengikut Tuhan,
besarlah kesejahteraan anak-anakmu itu.

¹⁴ Engkau akan dikukuhkan dalam perbenaran,^Y
engkau akan jauh daripada penganiayaan,
kerana engkau tidak akan takut lagi.
Engkau akan jauh daripada kengerian,
kerana hal itu tidak akan mendekatimu.

¹⁵ Kalaupun orang berkumpul menyerbu,
itu bukan berasal daripada-Ku.
Sesiapa pun yang berkumpul untuk melawan
engkau akan jatuh.

¹⁶ Sesungguhnya, Akulah yang menciptakan
tukang besi
yang menghembus-hembus api arang
dan menghasilkan senjata menurut
kegunaannya.

Tetapi Aku jugalah yang menciptakan
pemusnah untuk melakukan pemusnahan.

¹⁷ Setiap senjata yang dibentuk untuk melawan
engkau
tidak akan berhasil,

^Y**54:14** Perbenaran: Dalam bahasa Ibrani, 'tsedaqah' merujuk kepada beberapa makna. Antaranya, keadilan, penyelamatan atau kemenangan.

dan setiap lidah yang mendakwa engkau dalam pengadilan

akan kaubuktikan salah.

Iniilah harta pusaka hamba-hamba Tuhan

dan kebenaran yang diterima mereka

daripada-Ku," demikianlah firman Tuhan.

Tuhan **menawarkan belas kasihan**

55 ¹ "Wahai semua orang yang dahaga, mari, ambillah air!

Wahai orang yang tidak punya wang,

mari, belilah makanan dan makanlah!

Mari, belilah air anggur dan susu

tanpa wang dan tanpa bayaran!

² Mengapakah kamu membelanjakan wang

untuk sesuatu yang bukan makanan,

dan hasil jerih lelahmu untuk sesuatu yang

tidak mengenyangkan?

Dengarlah Aku baik-baik dan makanlah apa

yang baik.

Biarlah kamu bersenang-senang dengan

hidangan yang kaya khasiatnya.

³ Pasanglah telingamu dan datanglah

kepada-Ku,

dengarlah, maka kamu akan hidup.

Aku akan mengikat perjanjian yang kekal
dengan kamu,
menurut kasih abadi yang teguh kepada Daud.

⁴ Sesungguhnya, Aku menetapkan dia menjadi
saksi bagi bangsa-bangsa,
menjadi seorang pemimpin dan pemerintah
bagi bangsa-bangsa.

⁵ Sesungguhnya, engkau akan memanggil
bangsa yang tidak kaukenal,
dan bangsa-bangsa yang tidak mengenal
engkau akan berlari kepadamu
kerana Tuhan, Allahmu,
Yang Maha Suci, Allah Israel,
oleh sebab Dia telah memuliakan engkau.”

⁶ Carilah hadirat Tuhan selagi Dia dapat ditemui,
berserulah kepada-Nya selagi Dia dekat.

⁷ Hendaklah orang fasiq meninggalkan jalannya
dan orang jahat meninggalkan segala
rancangannya.

Hendaklah dia kembali kepada Tuhan,
maka Dia akan mengasihannya,
dan kepada Allah kita,
kerana Dia akan mengampuni dengan
limpahnya.

⁸ “Sesungguhnya, rancangan-Ku bukanlah
rancanganmu
dan jalanmu bukanlah jalan-Ku,”
demikianlah firman Tuhan.

⁹ “Setinggi langit di atas bumi,
demikianlah tingginya jalan-Ku daripada
jalanmu
dan rancangan-Ku daripada rancanganmu.

¹⁰ Seperti hujan dan salji turun dari langit
dan tidak kembali ke sana melainkan
membasahi bumi,
membuatnya berbuah dan bertunas,
memberikan benih kepada orang yang
menabur dan makanan kepada orang yang
mahu makan,

¹¹ demikianlah firman yang Kusampaikan:
ia tidak akan kembali kepada-Ku dengan sia-sia
melainkan akan melaksanakan apa yang
Kukehendaki
dan berhasil dalam apa yang Kusuruh
kepadanya.

¹² Sesungguhnya, kamu akan keluar dengan
sukacita
dan akan dibimbing dengan damai.
Gunung-gunung dan bukit-bukit
akan bersorak-sorai gembira di hadapanmu,
dan semua pokok di padang akan bertepuk
tangan.

¹³ Sebagai ganti semak duri akan tumbuh pokok
sanubar,

sebagai ganti jelatang akan tumbuh pokok
murad.

Hal ini akan terjadi sebagai kemasyhuran bagi
Tuhan,
sebagai tanda abadi yang tidak akan lenyap.”

Penyelamatan bagi semua orang

56 ¹ Beginilah firman Tuhan,
“Peganglah teguh keadilan
dan lakukanlah yang benar,
kerana penyelamatan daripada-Ku sudah
hampir tiba dan kebenaran-Ku akan
dinyatakan.

² Berbahagialah orang yang berbuat demikian
dan anak manusia yang berpegang
kepadanya,
yang memelihara hari Sabat supaya tidak
dicemari
dan yang menjaga tangannya daripada setiap
perbuatan jahat.”

³ Janganlah ada orang asing yang telah
mengikatkan diri kepada Tuhan berkata
demikian,

“Tuhan pasti memisahkan aku daripada
umat-Nya.”

Janganlah si sida berkata,

“Sesungguhnya, aku ini bagaikan pokok yang
kering.”

⁴ Beginilah firman Tuhan,
“Kepada si sida yang memelihara hari-hari
Sabat-Ku,
yang memilih apa yang Kuperkenan,
dan yang berpegang kepada perjanjian-Ku,
⁵ kepada mereka akan Kukurniakan dalam
bait-Ku
dan dalam pagar tembok-Ku
suatu tanda pengingat dan suatu nama –
itu lebih baik daripada anak-anak lelaki dan
perempuan.

Aku akan mengurniai mereka nama abadi yang
tidak akan lenyap.

⁶ Dan orang asing yang mengikatkan diri kepada
Tuhan untuk beribadat kepada-Nya,
untuk mengasihi nama Tuhan,
dan untuk menjadi hamba-Nya,
iaitu semua yang memelihara hari Sabat supaya
tidak dicemari

dan yang berpegang kepada perjanjian-Ku,
⁷ mereka akan Kubawa ke gunung-Ku yang suci
dan akan Kuberikan kesukaan di dalam rumah
doa-Ku.

Korban-korban bakaran dan korban-korban
sembelihan mereka akan diterima di atas
mazbah-Ku,

kerana rumah-Ku akan disebut rumah doa bagi segala bangsa.”

⁸ Demikianlah firman Tuhan Allah, yang mengumpulkan orang Israel yang terbuang,

“Aku akan mengumpulkan orang lain lagi di samping mereka yang sudah terkumpul.”

Pemimpin-pemimpin yang fasiq

⁹ Wahai semua binatang di padang, wahai semua binatang di hutan, datanglah untuk makan!

¹⁰ Para penjaga Israel ialah orang buta, semuanya tidak berpengetahuan! Mereka semua anjing bisu, tidak boleh menyalak.

Mereka bermimpi, berbaring, dan suka tidur.

¹¹ Anjing-anjing itu bernafsu besar, tidak tahu kenyang.

Mereka itu gembala yang tidak dapat mengerti. Semuanya menyimpang ke jalan sendiri, masing-masing mengejar laba, tanpa terkecuali.

¹² Kata mereka, “Datanglah, aku akan mengambil air anggur!

Kita akan minum minuman keras!

Esok akan sama seperti hari ini, bahkan lebih hebat lagi.”

57 ¹ Orang benar binasa,
tetapi tiada sesiapa yang ambil peduli.
Orang salih kehilangan nyawa,
dan tidak ada yang faham
bahawa orang benar itu kehilangan nyawanya
supaya terhindar daripada malapetaka.

² Dia memasuki kedamaian.

Orang yang hidup lurus mendapat
ketenteraman di peristirahatan
terakhirnya.

³ “Tetapi kamu, datanglah dekat ke mari,
wahai anak-anak daripada perempuan
penenung,
wahai keturunan pezina dan perempuan
sundal!

⁴ Terhadap siapakah kamu bermain-main?
Terhadap siapakah kamu mengangakan mulut
dan menjulurkan lidah?

Bukankah kamu ini anak-anak derhaka,
keturunan pendusta?

⁵ Kamu terbakar oleh nafsu di antara pokok oak,
di bawah setiap pokok yang rimbun.
Kamu menyembelih anak-anak di lembah-
lembah,
di bawah celah-celah bukit batu.

Penyembahan berhala sebagai perzinaan

⁶ Berhala kamu ada di antara batu licin di lembah,

hanya itulah bahagianmu!

Kepada mereka juga engkau mencurahkan persembahan minuman dan memberikan persembahan bahan makanan.

Masakan Aku berlapang hati melihat hal-hal ini?

⁷ Engkau menaruh pembaringanmu di atas gunung yang tinggi dan menjulang.

Ke sana juga engkau naik untuk mempersembahkan korban sembelihan.

⁸ Engkau memasang lambang berhalamu di balik pintu dan di tiang pintu.

Ya, engkau meninggalkan Aku dan menelanjangi dirimu,

engkau menaiki tempat tidurmu dan memperluasnya.

Engkau mengikat perjanjian dengan mereka, engkau menyukai tempat tidur mereka dan memandangi aurat mereka.

⁹ Engkau pergi menghadap Molokh dengan membawa minyak,

dan engkau memperbanyak wangianmu.

Engkau mengutus duta-dutamu sampai ke tempat yang jauh,

dan merendahkan dirimu sampai ke alam
kubur.

¹⁰ Engkau penat kerana perjalananmu jauh,
tetapi engkau tidak berkata,
“Aku putus asa!”

Engkau mendapat kekuatan baru,
sebab itu engkau tidak menjadi lemah.

¹¹ Terhadap siapakah engkau khuatir dan takut
sehingga engkau berdusta dan tidak
mengingati Aku atau memperhatikan Aku?
Bukankah Aku berdiam diri lama sekali sehingga
engkau tidak takut kepada-Ku?

¹² Aku akan menyatakan perbenaranmu² dan
perbuatan-perbuatanmu,
tetapi semua itu tidak akan berfaedah bagimu.

¹³ Apabila engkau berseru-seru,
biarlah kumpulan berhalamu melepaskan
engkau.

Mereka semua akan diterbangkan angin, akan
dilenyapkan oleh hembusan nafas.
Tetapi siapa yang berlindung kepada-Ku
akan mewarisi negeri ini dan memiliki
gunung-Ku yang suci.”

²**57:12** Perbenaranmu: Antara maksudnya ialah kesalihan atau tingkah laku yang baik dan tulus.

Kata-kata penghiburan

¹⁴ Dan Dia akan berkata,
“Bukalah, bukalah, persiapkanlah jalan!
Angkatlah batu sandungan dari jalan umat-Ku!”

¹⁵ Kerana beginilah firman Yang Maha Tinggi
dan Yang Maha Mulia,
yang bersemayam dalam kekekalan dan yang
suci nama-Nya,

“Aku bersemayam di tempat yang tinggi dan
suci,

tetapi juga bersama-sama orang yang hancur
hati dan rendah hati,
untuk menyegarkan semangat orang yang
rendah hati dan untuk menyegarkan hati
yang hancur.

¹⁶ Aku tidak mahu berbantah untuk
selama-lamanya,
dan Aku tidak mahu terus-menerus murka,
nanti semangat orang menjadi lemah di
hadapan-Ku,

begitu pula nafas manusia yang Kujadikan.

¹⁷ Aku murka kerana kesalahannya dalam hal
ketamakan.

Aku menghukum dia,
menyembunyikan diri-Ku, dan murka,
tetapi dia terus murtad di jalan yang dipilih
hatinya.

¹⁸ Aku telah melihat jalan-jalannya itu,
tetapi Aku akan menyembuhkan dan memimpin
dia.

Aku akan memulihkan dia dengan penghiburan.
Pada bibir orang yang berkabung

¹⁹ akan Kuciptakan puji-pujian.

Damai, damai sejahtera bagi setiap orang yang
jauh dan yang dekat,”

demikianlah firman Tuhan,

“Aku akan menyembuhkan dia.”

²⁰ Tetapi orang fasiq seperti laut yang bergelora
kerana tidak dapat tenang,

dan airnya menimbulkan pasir serta lumpur.

²¹ “Tidak ada kedamaian bagi orang fasiq,”

demikianlah firman Allahku.

Kesolehan yang palsu dan yang sejati

58 ¹ “Berserulah kuat-kuat,
jangan ditahan-tahan!

Nyaringkanlah suaramu seperti sangkakala!

Kemukakanlah pelanggaran-pelanggaran

umat-Ku kepada mereka

dan kepada keturunan kaum Yakub dosa-dosa
mereka!

² Mereka memang mencari hadirat-Ku hari
demi hari

dan suka mengetahui jalan-jalan-Ku.

Seolah-olah bangsa yang melakukan kebenaran dan tidak mengabaikan peraturan-peraturan Allahnya;

mereka bertanya kepada-Ku tentang peraturan-peraturan yang benar, mereka suka menghadap Allah.

³ Kata mereka, 'Untuk apa kami berpuasa, padahal Engkau tidak melihatnya?

Untuk apa kami merendahkan diri, padahal Engkau tidak memperhatikannya?'

Sesungguhnya, pada hari puasamu kamu mencari kesenangan sendiri dan menindas semua pekerjamu.

⁴ Sesungguhnya, kamu berpuasa hanya untuk berbantah, bertengkar, dan bertumbuk dengan tinju kefasiqan.

Puasa seperti yang kamu lakukan hari ini tidak akan membuat suaramu didengar di tempat tinggi.

⁵ Beginikah puasa yang Kukehendaki, suatu hari bagi seseorang untuk merendahkan diri,

menundukkan kepalanya seperti gelagah, dan menghamparkan kain kabung dan abu sebagai alas tidurnya?

Inikah yang kausebut puasa, suatu hari yang Tuhan berkenan?

⁶ Bukan begitu. Bukankah puasa yang
Kukehendaki adalah supaya engkau
membuka belenggu-belenggu kefasiqan
dan melepaskan tali-tali kuk,
supaya engkau melepaskan orang yang
tertindas sebagai orang merdeka
dan mematahkan setiap kuk?

⁷ Bukankah supaya engkau berkongsi rotimu
dengan orang lapar
dan membawa orang miskin yang terbuang ke
rumahmu –
apabila engkau melihat orang telanjang,
engkau memberi dia pakaian,
dan tidak menyembunyikan diri daripada darah
dagingmu sendiri?

⁸ Maka barulah terangmu akan merekah seperti
fajar
dan kesembuhanmu akan datang dengan
segera.

Perbenaranmu^a akan berjalan di hadapanmu
dan kemuliaan Tuhan akan menjadi
penutup barisanmu.

⁹ Pada waktu itulah engkau akan berseru dan
Tuhan akan menjawab,

^a**58:8** Perbenaran: Antara maksudnya ialah keadilan dan kesalihan.

engkau akan berteriak meminta tolong dan Dia akan berfirman, 'Ini Aku!'

Jika engkau menyingkirkan dari tengah-tengahmu kuk,

jari yang menuding-nuding,
dan perkataan yang jahat;

¹⁰ jika engkau mengorbankan diri bagi orang lapar dan memuaskan hati orang yang tertindas,

maka terangmu akan terbit di dalam gelap dan kekelamanmu akan seperti tengah hari.

¹¹ Tuhan akan selalu memimpin engkau, akan memuaskan hatimu di tanah yang kering-kontang,

dan akan menguatkan tulang-tulangmu.

Engkau akan seperti taman yang diairi, dan seperti mata air yang airnya tidak pernah mengecewakan.

¹² Orangmu akan membina semula tempat-tempat yang sudah lama rosak.

Engkau akan menegakkan semula asas yang sudah turun-temurun,

dan engkau akan disebut pembalik yang menutup lubang-lubang tembok,

pemulih yang memperbaiki lorong-lorong tempat kediaman.

Menghormati hari Sabat

¹³ “Jika engkau tidak lagi menginjak-injak hari Sabat dan melakukan kehendakmu sendiri pada hari-Ku yang suci itu, jika engkau menyebut hari Sabat ‘hari kesenangan,’ hari suci Tuhan ‘hari mulia,’ dan jika engkau menghormatinya dengan tidak melakukan kegiatan-kegiatanmu sendiri atau mencari kesenanganmu sendiri serta berkata-kata semahumu, ¹⁴ maka engkau akan bersenang-senang kerana Tuhan. Aku akan membuat engkau berkenderaan di atas tempat-tempat tinggi di bumi, dan Aku akan memberi engkau makan daripada harta pusaka Yakub, nenek moyangmu, kerana Tuhan sendiri telah berfirman.”

Dosa penghambat penyelamatan

59 ¹ Sesungguhnya, tangan Tuhan tidak kurang berkuasa untuk menyelamatkan, dan pendengaran-Nya tidak tumpul untuk mendengar.

² Tetapi kesalahanmu telah menjadi pemisah antara kamu dengan Allahmu,

dan dosa-dosamu membuat Dia
menyembunyikan diri daripadamu
sehingga Dia tidak mendengar.

³ Tanganmu dicemari darah dan jari-jarimu oleh
kesalahan.

Bibirmu mengucapkan dusta, lidahmu
mengungkapkan kezaliman.

⁴ Tidak ada yang mengajukan pengaduan
dengan benar

dan tidak ada yang mengadili dengan jujur.

Mereka menaruh harapan pada kesia-siaan dan
mengucapkan dusta,
mereka mengandung bencana dan melahirkan
kejahatan.

⁵ Mereka menetaskan telur ular kapak dan
menenun sarang lelabah.

Sesiapa yang makan telur itu akan mati, dan
telur yang pecah menetaskan ular kapak.

⁶ Sarang lelabahnya tidak dapat menjadi
pakaian,

mereka tidak dapat menutupi tubuh dengan
hasil buatan mereka itu.

Perbuatan mereka ialah perbuatan jahat,
tindak kekerasan ada di tangan mereka.

⁷ Kaki mereka berlari-lari menuju kejahatan,

mereka cepat untuk menumpahkan darah orang yang tidak bersalah.

Rancangan mereka adalah rancangan jahat, kemusnahan dan kehancuran ada di laluan mereka.

⁸ Mereka tidak mengenal jalan damai; tidak ada keadilan dalam jalur mereka. Mereka membuat jalan bengkok, siapa pun yang menempuhnya tidak akan mengenal damai.

⁹ Oleh sebab itu keadilan jauh daripada kami dan perbenaran tidak sampai kepada kami.

Kami menantikan cahaya, tetapi hanya ada kegelapan, kami menantikan cahaya, tetapi kami berjalan dalam kekelaman.

¹⁰ Seperti orang buta, kami meraba-raba tembok, meraba-raba seperti orang yang tidak punya mata.

Pada tengah hari kami terhantuk seperti pada waktu senja, orang lain kuat-kuat, tetapi kami seperti orang mati.

¹¹ Kami semua meraung seperti beruang dan merintih seperti burung merpati. Kami menantikan keadilan,

tetapi tiada yang kunjung datang,
kami menantikan penyelamatan,
tetapi hal itu jauh daripada kami.

¹² Sungguh, pelanggaran kami bertambah
banyak di hadapan-Mu
dan dosa-dosa kami bersaksi menentang kami.
Sungguh, pelanggaran kami ada pada kami,
dan kami menyadari kesalahan kami.

¹³ Kami menderhaka dan menyangkal Tuhan,
kami berpaling meninggalkan Allah kami.
Kami membangkitkan penindasan dan
perbantahan,
kami mengandung perkataan dusta dalam hati
dan mengeluarkannya.

¹⁴ Keadilan dipukul mundur dan kebenaran
berdiri jauh-jauh.
Sungguh, kebenaran tersandung di tempat
umum dan kejujuran tidak dapat masuk.

¹⁵ Kebenaran^b telah hilang.
Orang yang menjauhkan diri daripada kejahatan
menjadikan dirinya korban jarahan.
Tuhan melihat hal itu dan Dia tidak berkenan,
bahawa tidak ada keadilan.

¹⁶ Dia melihat bahawa tiada seorang pun yang
tampil,

^b**59:15** Kebenaran: Ketulusan

59:16: Yes 63:5.

dan Dia hairan kerana tidak ada yang menjadi pengantara.

Oleh sebab itu kuasa-Nya sendiri membawa kemenangan bagi-Nya,

dan perbenaran-Nya^c sendiri membantu Dia.

¹⁷ Dia mengenakan perbenaran sebagai baju zirah,

dan ketopong penyelamatan ada di kepala-Nya.

Dia mengenakan pakaian pembalasan dan menyelubungkan semangat sebagai jubah.

¹⁸ Selaras dengan perbuatan-perbuatan mereka,

demikianlah Dia akan memberikan balasan, iaitu murka kepada lawan-lawan-Nya

dan pembalasan kepada musuh-musuh-Nya.

Kepada pulau-pulau pun Dia akan mengadakan pembalasan.

¹⁹ Maka orang akan takut kepada nama Tuhan dari arah barat,

dan kepada kemuliaan-Nya dari arah terbitnya matahari,

kerana Dia akan datang seperti arus yang tertahan,

yang didorong oleh hembusan nafas Tuhan.

^c**59:16** Perbenaran merujuk kepada sifat Allah yang adil dan benar.

59:17: Ef 6:14,17; 1Tes 5:8.

²⁰ “Seorang Penebus akan datang ke Sion, kepada bani Yakub yang bertaubat daripada pelanggaran mereka,” demikianlah firman Tuhan.

²¹ “Mengenai Aku, inilah perjanjian-Ku dengan mereka,” demikianlah firman Tuhan. “Roh-Ku yang ada padamu dan firman-Ku yang Kutaruh di dalam mulutmu tidak akan hilang daripada mulutmu, daripada mulut keturunanmu, dan daripada mulut keturunan mereka mulai sekarang untuk selama-lamanya,” demikianlah firman Tuhan.

Kemuliaan Sion yang akan datang

60 ¹ “Bangkitlah, bersinarlah, kerana terangmu sudah datang dan kemuliaan Tuhan terbit atasmu.

² Sesungguhnya, kegelapan menutupi bumi dan kelam pekat menutupi bangsa-bangsa, tetapi Tuhan akan menyinari engkau dan kemuliaan-Nya akan menjadi nyata bagimu.

³ Bangsa-bangsa akan datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu.

⁴ Layangkanlah pandang ke sekeliling dan lihatlah!

Mereka semua berhimpun dan datang
kepadamu.

Para anak lelakimu datang dari jauh
dan para anak perempuanmu digendong.

⁵ Engkau akan melihatnya dan berseri-seri,
hatimu akan tergetar dan berasa lega.
Kelimpahan hasil laut akan dialihkan kepadamu,
dan kekayaan bangsa-bangsa akan datang
kepadamu.

⁶ Sejumlah besar kafilah unta akan menutupi
negerimu,

unta-unta muda dari Midian dan Efa.

Semuanya akan datang dari Syeba,
mengangkut emas dan kemenyan
serta memberitakan kemasyhuran Tuhan.

⁷ Semua domba Kedar akan dikumpulkan
kepadamu,
domba-domba jantan Nebayot akan digunakan
untuk ibadatmu.

Aku berkenan menerima semua itu di atas
mazbah-Ku

dan Aku akan mencantikkan bait-Ku yang
megah itu.

⁸ Siapakah mereka ini yang terapung-apung
seperti awan

dan seperti burung merpati menuju pintu
kandangannya?

⁹ Sesungguhnya, pulau-pulau menantikan Aku.

Kapal-kapal Tarsis berada di muka
untuk membawa anak-anakmu dari jauh.
Perak dan emas mereka dibawa mereka serta
demi nama Tuhan, Allahmu,
Yang Maha Suci, Allah Israel,
kerana Dia telah memuliakan engkau.

¹⁰ Orang asing akan membina tembok-
tembokmu
dan raja-raja mereka akan melayani engkau.
Aku memang telah menghukum engkau dalam
murka-Ku,
tetapi dalam keredaan-Ku Aku mengasihani
engkau.

¹¹ Pintu-pintu gerbangmu akan selalu terbuka,
tidak akan ditutup baik siang mahupun malam,
supaya orang dapat membawa kekayaan
bangsa-bangsa kepadamu,
dihantar oleh raja-raja mereka.

¹² Sungguh, bangsa dan kerajaan yang tidak
mahu mengabdikan kepadamu akan binasa.
Bangsa-bangsa itu akan habis dimusnahkan.

¹³ Kemuliaan Lebanon akan dibawa kepadamu,
pokok sanubar, pokok damar laut, dan juga
pokok pinus,
untuk menghiasi tempat-Ku yang suci.

Aku akan memuliakan tempat tumpuan
kaki-Ku.

¹⁴ Anak-anak daripada mereka yang dahulu
menindas engkau

akan datang menundukkan diri kepadamu.

Semua orang yang dahulu menista engkau

akan sujud memberi hormat di kakimu.

Mereka akan menyebutmu “Kota Tuhan,”

“Sion milik Yang Maha Suci, Allah Israel.”

¹⁵ Sekalipun dahulu engkau ditinggalkan
dan dibenci sehingga tidak ada yang
melintasiimu,

Aku akan menjadikan engkau suatu kebanggaan
yang kekal,

suatu kegirangan turun-temurun.

¹⁶ Engkau akan menghisap air susu bangsa-
bangsa

dan akan menyusui pada dada kerajaan-
kerajaan.

Kemudian engkau akan tahu

bahawa Aku, Tuhan sememangnya

Penyelamatmu

dan Penebusmu, Yang Maha Perkasa, Allah
Yakub.

¹⁷ Aku akan membawa emas sebagai ganti
gangsa,

Aku akan membawa perak sebagai ganti besi,
gangsa sebagai ganti kayu,
besi sebagai ganti batu.

Aku akan membuat kedamaian menjadi
pengawasmu
dan perbenaran menjadi pengerahmu.

¹⁸ Kekerasan tidak akan terdengar lagi di
negerimu,
begitu juga kemusnahan dan kehancuran di
daerahmu.

Engkau akan menyebut tembok-tembokmu
“Penyelamatan”,
dan pintu-pintu gerbangmu “Puji-pujian.”

¹⁹ Matahari tidak akan menjadi penerangmu
lagi pada siang hari,
dan cahaya bulan tidak akan menerangi kamu
lagi,
tetapi Tuhan akan menjadi penerangmu yang
kekal,

dan Allahmu akan menjadi kemegahanmu.

²⁰ Mataharimu tidak akan terbenam lagi
dan bulanmu tidak akan lenyap,
kerana Tuhan akan menjadi penerangmu yang
kekal

dan hari-hari perkabunganmu akan berakhir.

²¹ Seluruh pendudukmu orang benar,

dan mereka akan memiliki negeri itu untuk selama-lamanya.

Mereka adalah tunas yang Kutanam, buatan tangan-Ku, supaya Aku dipermulia.

²² Yang sedikit akan menjadi suatu kaum, yang kecil akan menjadi suatu bangsa yang kuat.

Aku, Tuhan, akan segera mewujudkannya pada waktunya.”

Hamba Tuhan yang diutus

61 ¹ Roh Tuhan Allah ada padaku, kerana Tuhan telah mengurapi^d aku untuk membawa khabar baik kepada orang yang tertindas.

Dia mengutus aku untuk membalut hati yang hancur, untuk mengumumkan pembebasan kepada orang tawanan

dan kelepasan bagi para tahanan;

² untuk mengisytiharkan tahun keredaan Tuhan dan hari pembalasan Allah kita; untuk menghiburkan semua yang berkabung;

^d**61:1** Terjemahan lain: ‘melantik’

61:1: Mat 11:5; Luk 7:22. **61:1:** Luk 4:18,19.

61:2: Mat 5:4.

³ untuk memberi orang yang berkabung di Sion,
ya, untuk mengurniai mereka perhiasan kepala
sebagai ganti abu,
minyak kegirangan sebagai ganti perkabungan,
dan jubah puji-pujian sebagai ganti semangat
yang pudar.

Mereka akan disebut “Pokok oak perbenaran,”^e
yang ditanam Tuhan supaya Dia dipermuliakan.

Umat Allah yang diberkati

⁴ Mereka akan membina semula tempat-tempat
yang sudah lama rosak
dan menegakkan kembali tempat-tempat yang
dahulunya sunyi.

Mereka akan memperelok semula kota-kota
yang rosak,
yang telah menjadi sunyi turun-temurun.

⁵ Orang asing akan melayani kamu sebagai
gembala kawanan kambing dombamu,
orang luar akan menjadi pembajak tanahmu
dan pengurus kebun anggurmu.

⁶ Tetapi kamu akan disebut para imam Tuhan,
dan akan dinamai para hamba Allah kita.

Kamu akan menikmati kekayaan bangsa-bangsa

^e**61:3** Perbenaran: Dalam bahasa Ibrani, *tsedeq*, perkataan ini mungkin merujuk kepada umat Allah bagaikan pokok oak yang kuat dan tegap kerana mereka telah menjalankan keadilan Tuhan.

dan akan memegahkan diri dalam kelimpahan mereka.

⁷ Sebagai ganti rasa malumu, kamu akan menerima dua kali ganda, dan sebagai ganti aib, orang akan bersorak-sorai atas bahagian yang diperoleh mereka. Demikianlah mereka akan menerima warisan dua kali ganda di negeri mereka, dan kesukaan yang kekal akan menjadi milik mereka,

⁸ kerana Aku, Tuhan, mencintai keadilan, dan membenci perampasan serta kezaliman. Aku akan memberi mereka upah dengan benar dan mengikat perjanjian yang kekal dengan mereka.

⁹ Keturunan mereka akan terkenal di antara bangsa dan anak cucu mereka dalam kalangan suku bangsa.

Semua orang yang melihat mereka akan mengakui bahawa mereka memang keturunan yang diberkati Tuhan.

¹⁰ Aku sangat bergirang di dalam Tuhan, jiwaku bergembira di dalam Allahku,

kerana Dia mengenakan pakaian penyelamatan
 kepadaku
 dan menyelubungi aku dengan jubah
 perbenaran,^f
 seperti pengantin lelaki memakai perhiasan
 kepala
 dan pengantin perempuan berhias diri dengan
 barang kemasnya.

¹¹ Sesungguhnya, seperti bumi mengeluarkan
 tunasnya
 dan seperti kebun menumbuhkan apa yang
 ditabur di dalamnya,
 demikianlah Tuhan Allah akan menumbuhkan
 perbenaran
 dan puji-pujian di hadapan segala bangsa.

Penyelamatan Sion

62 ¹ Demi Sion Aku tidak akan berdiam diri
 dan demi Yerusalem Aku tidak akan
 tenang-tenang sahaja,
 sehingga perbenarannya^g terbit seperti cahaya
 dan penyelamatannya seperti obor yang
 menyala.

^f**61:10** 'Jubah perbenaran' ialah bahasa kiasan yang dapat bermakna Tuhan telah mengumumkan orang itu benar.

^g**62:1** Perbenarannya: Antara maknanya yang digunakan dalam terjemahan versi lain ialah penyelamatannya atau kemenangannya.

² Bangsa-bangsa akan melihat perbenaranmu,
dan semua raja akan melihat kemuliaanmu.
Engkau akan disebut dengan nama baru
yang ditentukan Tuhan sendiri.

³ Engkau akan menjadi mahkota kemuliaan di
tangan Tuhan,
serban kerajaan di tangan Allahmu.

⁴ Engkau tidak akan disebut lagi “Yang
ditinggalkan,”

dan negerimu tidak akan disebut lagi “Yang
sunyi sepi,”

tetapi engkau akan disebut “Yang Kuperkenan,”
dan negerimu akan disebut “Yang Bersuami,”
kerana Tuhan berkenan kepadamu
dan negerimu akan bersuami.

⁵ Seperti seorang pemuda mengahwini seorang
perawan,
demikianlah rakyatmu akan menjadi suamimu.
Seperti pengantin lelaki bergirang melihat
pengantin perempuan,
demikianlah Allahmu akan bergirang melihat
engkau.

⁶ Di atas tembok-tembokmu, wahai Yerusalem,
Aku telah menempatkan para pengawal.

Sepanjang siang dan sepanjang malam mereka
tidak akan pernah berdiam diri.

Wahai kamu yang berseru kepada Tuhan,
jangan kamu beristirahat

⁷ dan jangan biarkan Dia beristirahat,
sampai Dia menegakkan Yerusalem,
sampai Dia menjadikannya termasyhur di bumi.

⁸ Tuhan telah bersumpah demi tangan
kanan-Nya,

dan demi kekuatan-Nya,

“Sesungguhnya, Aku tidak akan memberikan
gandummu lagi

sebagai makanan bagi musuh-musuhmu
dan orang asing tidak akan meminum air
anggurmu

yang kauhasilkan dengan berjerih lelah.

⁹ Tetapi orang yang mengumpulkannya akan
memakannya sambil memuji-muji Tuhan
dan orang yang menghimpunkannya akan
meminumnya

di laman dalaman tempat suci-Ku.”

¹⁰ Lewatilah, lewatilah pintu-pintu gerbang!

Persiapkanlah jalan bagi bangsa itu.

Bukalah, bukalah jalan raya!

Buanglah batu-batu

dan tinggikanlah panji-panji bagi bangsa-
bangsa!

¹¹ Sesungguhnya, Tuhan telah mengkhabarkan
sampai ke hujung bumi,

“Katakanlah kepada puteri Sion,

‘Lihat, Penyelamatmu datang!
 Lihat, pahala-Nya dibawa-Nya bersama-sama
 dan ganjaran-Nya ada di hadapan-Nya.’ ”
¹² Mereka akan disebut “Bangsa yang suci”,
 “Orang yang ditebus Tuhan.”
 Engkau akan disebut “Yang dicari”,
 “Kota yang tidak ditinggalkan.”

Hukuman ke atas bangsa-bangsa

63 ¹ Siapakah ini yang datang dari Edom,
 yang datang dari Bozra dengan baju
 merah?

Siapakah ini yang semarak pakaiannya,
 yang melangkah dengan kekuatannya yang
 hebat?

“Akulah itu, yang berfirman dalam perbenaran,^h
 yang perkasa untuk menyelamatkan!”

² Mengapakah merah pakaian-Mu
 dan baju-Mu seperti baju orang yang mengirik
 di tempat pemerasan anggur?

³ “Aku mengirik tempat pemerasan anggur
 seorang diri,

^h**63:1** Perbenaran: Perkataan ini dalam bahasa Ibrani juga merangkumi makna kemenangan.

63:1: Yes 34:5-17; Yer 49:7-22; Yeh 25:12-14; 35:1-15; Am 1:11,12; Ob 1:1-14; Mal 1:2-5.

63:3 a: Why 14:20; 19:15; **b:** Why 19:13.

daripada kalangan bangsa tiada seorang pun menyertai-Ku.

Aku mengiriki mereka dalam kemarahan-Ku dan menginjak-injak mereka dalam murka-Ku.

Darah mereka terpercik pada baju-Ku dan seluruh pakaian-Ku tercemar.

⁴ Hari pembalasan telah Kurancang dan tahun penebusan-Ku telah tiba.

⁵ Aku melayangkan pandang tetapi tidak ada yang menolong,

Aku hairan kerana tidak ada yang membantu.

Oleh sebab itu kuasa-Ku sendiri membawa kemenangan bagi-Ku dan murka-Ku membantu Aku.

⁶ Dalam kemarahan-Ku Aku menginjak-injak bangsa-bangsa, memabukkan mereka dengan murka-Ku, dan menumpahkan darah mereka ke bumi.”

Doa pengakuan dan permohonan Israel

⁷ Aku hendak memasyhurkan kasih abadi

Tuhan,

puji-pujian kepada Tuhan

atas semua yang dilakukan Tuhan terhadap kita,

dan kebajikan besar bagi keturunan kaum Israel

yang dilakukan-Nya terhadap mereka menurut
kasih sayang-Nya

serta menurut kasih abadi-Nya yang berlimpah.

⁸ Demikianlah firman-Nya,

“Sungguh, mereka ialah umat-Ku,
anak-anak yang tidak akan berbohong,”
maka Dia menjadi Penyelamat mereka.

⁹ Dalam segala kesesakan mereka,

Dia pun turut berasa sesak,
dan malaikat dari hadirat-Nya menyelamatkan
mereka.

Dengan kasih-Nya dan belas kasihan-Nya Dia
menebus mereka, mengangkat mereka,
dan menggendong mereka sepanjang
zaman dahulu.

¹⁰ Tetapi mereka menderhaka dan mendukakan
Roh Suci-Nya.

Oleh sebab itu Dia berpaling menjadi musuh
mereka,

Dia sendiri memerangi mereka.

¹¹ Lalu mereka teringat pada zaman dahulu,
zaman Musa dan umat-Nya.

Di manakah Dia yang membawa mereka naik
dari laut

bersertakan para gembala kawanan kambing
domba-Nya?

Di manakah Dia yang menaruh Roh Suci-Nya di
tengah-tengah mereka,

¹² yang menuntun mereka di sebelah kanan
Musa dengan tangan-Nya yang mulia,
yang membelah air laut di hadapan mereka
supaya nama-Nya termasyhur untuk
selama-lamanya,

¹³ dan yang menuntun mereka menyeberangi
samudera?

Seperti kuda di gurun mereka tidak terantuk.

¹⁴ Seperti ternak yang turun ke lembah,
mereka diberi ketenteraman oleh roh Tuhan.
Demikianlah Engkau menuntun umat-Mu
supaya nama-Mu dimuliakan.

¹⁵ Pandanglah dari syurga
dan lihatlah dari kediaman-Mu yang suci dan
mulia.

Di manakah semangat-Mu dan keperkasaan-
Mu?

Gelora hiba-Mu dan kasih sayang-Mu tertahan
bagiku!

¹⁶ Tetapi Engkaulah Bapa bagi kami,
sekalipun Abraham tidak tahu tentang kami
dan Israel tidak mengenal kami.

Ya Tuhan, Engkaulah Bapa bagi kami,
nama-Mu ialah "Penebus kami sejak
dahulukala."

¹⁷ Ya Tuhan, mengapakah Engkau membiarkan kami tersesat dari jalan-jalan-Mu dan mengeraskan hati kami sehingga kami tidak takut kepada-Mu?

Kembalilah demi hamba-hamba-Mu, suku-suku harta pusaka-Mu.

¹⁸ Buat tempoh sekejap sahaja umat-Mu memiliki tanah suci-Mu, sekarang lawan-lawan kami telah menginjak-injak tempat suci-Mu.

¹⁹ Kami seperti orang yang tidak pernah berada di bawah pemerintahan-Mu sejak dahulu, seperti orang yang tidak disebut dengan nama-Mu.

64 ¹ Koyakkanlah kiranya langit lalu turun, sehingga gunung-gunung luluh di hadapan-Mu –

² seperti api menyalakan semak-semak dan seperti api mendidihkan air.

Buatlah nama-Mu dikenal oleh lawan-lawan-Mu,

sehingga bangsa-bangsa gementar di hadapan-Mu.

³ Apabila Engkau melakukan hal-hal yang hebat, yang tidak kami sangka-sangka, Engkau turun, dan gunung-gunung luluh di hadapan-Mu.

⁴ Sejak dahulukala belum pernah orang mendengar,
belum pernah telinga menanggapi,
belum pernah mata melihat satu Allah selain Engkau,
yang bertindak bagi orang yang menanti-
nantikan Dia.

⁵ Engkau datang menolong orang yang suka melakukan yang benar,
iaitu orang yang mengingat Engkau di jalan-jalan-Mu.

Sesungguhnya, Engkau murka kerana kami berbuat dosa.

Kami sudah lama sekali melakukannya,
masakan kami dapat diselamatkan?

⁶ Kami semua seperti orang bernajis,
dan segala kebenaran kami seperti kain yang tercemar.

Kami semua layu seperti daun,
dan kesalahan-kesalahan kami menerbangkan kami seperti angin.

⁷ Tidak ada yang menyeru nama-Mu,
yang bangkit untuk berpaut pada-Mu,
kerana Engkau menyembunyikan hadirat-Mu daripada kami,

dan menyerakkan kami kerana kesalahan-kesalahan kami.

⁸ Tetapi sekarang, ya Tuhan,
Engkaulah Bapa bagi kami.

Kamilah tanah liat dan Engkaulah tukang tembikar.

Kami semua memang hasil buatan tangan-Mu.

⁹ Janganlah murka sedemikian hebat, ya Tuhan,
dan janganlah mengingati kesalahan kami
untuk selama-lamanya.

Oh, semoga pandanglah,
kami semua ialah umat-Mu.

¹⁰ Kota-kota-Mu yang suci telah menjadi gurun,
Sion telah menjadi gurun,
Yerusalem sunyi sepi.

¹¹ Bait kami yang suci dan mulia,
tempat nenek moyang kami memuji-muji
Engkau,
telah dibakar habis.

Semua milik kami yang berharga telah menjadi reruntuhan.

¹² Melihat semua ini, ya Tuhan,
masakan Engkau menahan diri?
Masakan Engkau berdiam diri dan mengazabkan
kami sedemikian hebat?

Hukuman dan penyelamatan

65 ¹ “Aku berkenan menyatakan diri kepada orang tidak memohon kehadiran-Ku.

Aku berkenan ditemui orang yang tidak mencari-Ku.

Kepada bangsa yang tidak memanggil nama-Ku, Aku berkata, ‘Ini Aku, ini Aku!’

² Sepanjang hari telah Kuhulurkan tangan-Ku kepada bangsa yang keras kepala, yang melangkah di jalan yang tidak baik menurut fikiran mereka sendiri.

³ Mereka bangsa yang sentiasa membangkitkan murka-Ku di hadapan-Ku dengan mempersembahkan korban di taman-taman dan membakar dupa di atas batu bata.

⁴ Mereka duduk di perkuburan dan bermalam di tempat-tempat tertutup. Mereka makan daging babi, dan kuah daging haram ada di dalam periuk belanga mereka.

⁵ Kata mereka, ‘Jaga jarak! Jangan mendekatiku kerana aku lebih suci daripada kamu.’ Orang ini seperti asap yang masuk ke dalam hidung-Ku,

seperti api yang menyala sepanjang hari.

⁶ Sesungguhnya, beginilah tertulis di hadapan-Ku:

Aku tidak akan berdiam diri,
melainkan akan membalas,
ya, membalas perbuatan mereka

⁷ kesalahan mereka dan juga kesalahan nenek moyang mereka,”

demikianlah firman Tuhan.

“Kerana mereka membakar dupa di atas gunung-gunung

dan mencela Aku di atas bukit-bukit,

Aku akan menghukum mereka setimpal dengan dosa kesalahan mereka.”

⁸ Beginilah firman Tuhan,

“Seperti kata orang jika air anggur masih didapati pada tandannya,

‘Jangan musnahkan itu kerana masih ada berkat di dalamnya,’

demikianlah Aku akan bertindak demi hamba-hamba-Ku.

Aku tidak akan memusnahkan mereka seluruhnya.

⁹ Aku akan membangkitkan keturunan daripada Yakub,

dan orang yang akan mewarisi gunung-gunung-Ku daripada Yehuda.

Orang pilihan-Ku akan mewarisinya dan
hamba-hamba-Ku akan berdiam di sana.

¹⁰ Saron akan menjadi padang rumput ternak
bagi kawanan domba

dan Lembah Akhor menjadi tempat berbaring
bagi kawanan lembu,

untuk umat-Ku yang mencari hadirat-Ku.

¹¹ Tetapi kamu yang meninggalkan Tuhan dan
melupakan gunung-Ku yang suci,

yang mengatur meja bagi Dewa Gad dan
mengisi cawan dengan air anggur
campuran bagi Dewa Meni,

¹² Aku akan menentukan kamu bagi pedang
dan kamu semua akan berlutut untuk
disembelih,

kerana apabila Aku memanggil, kamu tidak
menjawab,

apabila Aku berfirman, kamu tidak mendengar.

Kamu melakukan apa yang jahat di mata-Ku
dan memilih apa yang tidak Kuperkenan.”

¹³ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah,
“Sesungguhnya, hamba-hamba-Ku akan makan,
tetapi kamu akan kelaparan.

Sesungguhnya, hamba-hamba-Ku akan minum,
tetapi kamu akan kehausan.

Sesungguhnya, hamba-hamba-Ku akan
bersukacita,

tetapi kamu akan diaibkan.

¹⁴ Sesungguhnya, hamba-hamba-Ku akan
bersorak-sorai kerana riang hati,
tetapi kamu akan berteriak kerana bersedih
dan meraung-raung kerana patah semangat.

¹⁵ Kamu akan membiarkan namamu digunakan
sebagai kutukan oleh orang pilihan-Ku.

Tuhan Allah akan membunuh engkau,
tetapi hamba-hamba-Nya akan disebut dengan
nama lain.

¹⁶ Sesiapa yang memohon berkat di negeri,
akan memohon berkat demi Allah yang Maha
Benar;

siapa yang bersumpah di negeri,
akan bersumpah demi Allah yang Maha Benar,
kerana segala kesesakan yang dahulu telah
dilupakan dan telah tersembunyi daripada
mata-Ku.”

Janji tentang langit yang baru dan bumi yang baru

¹⁷ “Sesungguhnya, Aku akan menciptakan langit
yang baru dan bumi yang baru.

Hal-hal yang dahulu tidak akan diingat lagi dan tidak akan timbul lagi dalam hati.

¹⁸ Tetapi bergiranglah dan bergembiralah untuk selama-lamanya

atas apa yang akan Kuciptakan,

kerana sesungguhnya, Aku akan menciptakan

Yerusalem menjadi suatu kegembiraan

dan penduduknya suatu kegirangan.

¹⁹ Aku akan bergembira kerana Yerusalem

dan bergirang kerana umat-Ku.

Suara tangisan tidak akan terdengar lagi di dalamnya,

begitu pula suara jeritan.

²⁰ Di sana tidak akan ada lagi bayi yang hanya hidup beberapa hari,

atau orang tua yang tidak lanjut umur mereka.

Orang yang mati pada umur seratus tahun akan dianggap masih muda,

dan orang yang tidak mencapai umur seratus tahun akan dianggap kena kutuk.

²¹ Mereka akan membina rumah-rumah dan menghuninya,

mereka akan menanami kebun-kebun anggur dan memakan buahnya.

²² Mereka tidak akan membina sesuatu untuk dihuni orang lain,

mereka tidak akan menanam sesuatu untuk
dimakan orang lain,
kerana sebagaimana umur pokok,
demikianlah umur umat-Ku.
Orang pilihan-Ku akan menikmati pekerjaan
tangan mereka.

²³ Mereka tidak akan berjerih lelah dengan
percuma,
dan tidak akan melahirkan anak yang mati
mendadak,
kerana mereka ialah keturunan orang yang
diberkati Tuhan,
begitu pula anak cucu mereka yang ada
bersama-sama mereka.

²⁴ Sebelum mereka berseru kepada-Ku,
Aku sudah menjawab.
Sewaktu mereka sedang berkata-kata,
Aku sudah mendengar.

²⁵ Serigala dan anak domba akan meragut
rumput bersama-sama,
singa akan makan jerami seperti lembu,
sedangkan debu akan menjadi makanan ular.
Tidak ada yang akan berbuat jahat ataupun
berlaku binasa di seluruh gunung-Ku yang
suci,"
demikianlah firman Tuhan.

Penyelamatan sesudah hukuman

66 ¹ Beginilah firman Tuhan,
 “Langit takhta-Kuⁱ dan bumi alas kaki-Ku.
 Rumah apakah yang hendak kamu bina
 untuk-Ku,

dan di manakah tempat rehat-Ku?

² Bukankah Aku sendiri yang telah mencipta
 semua ini sehingga semua ini jadi,”

demikianlah firman Tuhan.

“Tetapi kepada orang inilah Aku memandang:
 kepada kalangan yang tertindas,
 yang patah semangat,
 dan yang takut kepada firman-Ku.

³ Sesiapa yang menyembelih lembu,
 dia juga seperti orang yang membunuh
 manusia.

Sesiapa yang mengorbankan anak domba,
 dia seperti orang yang mematahkan leher
 anjing.

Sesiapa yang memberikan persembahan bahan
 makanan,
 dia seperti orang yang mempersembahkan
 darah babi.

Sesiapa yang mempersembahkan kemenyan,

ⁱ66:1 Atau: Takhta.

66:1 a: Mat 5:34; 23:22; b: Mat 5:35. 66:1: Kis 7:49,50.

dia seperti orang yang memuja berhala.

Ya, mereka yang memilih jalan mereka sendiri,
jiwa mereka menyukai kejijikan mereka.

⁴ Oleh sebab itu Aku pun memilih perlakuan
sewenang-wenang bagi mereka

dan mendatangkan apa yang ditakuti mereka
kepada mereka,

kerana apabila Aku berseru,

tidak ada yang menjawab,

apabila Aku berfirman,

tidak ada yang mendengar.

Mereka melakukan apa yang jahat di mata-Ku

dan memilih apa yang tidak Kuperkenan.”

⁵ Dengarlah firman Tuhan,

wahai kamu yang takut kepada firman-Nya,

“Para saudaramu yang membenci kamu dan
yang mengusir kamu kerana nama-Ku

telah berkata,

‘Biarlah Tuhan menyatakan kemuliaan-Nya,

supaya kami dapat melihat sukacitamu!’

Tetapi mereka sendirilah yang akan malu.

⁶ Ada bunyi kegemparan dari kota,

suara dari Bait Suci!

Itulah suara Tuhan mengadakan pembalasan

kepada musuh-musuh-Nya.

⁷ Sebelum menggeliat sakit,

dia sudah beranak.

Sebelum rasa sakit menimpa,
dia sudah melahirkan anak lelaki.

⁸ Siapakah yang pernah mendengar hal
semacam ini?

Siapakah yang pernah melihat hal-hal semacam
ini?

Masakan sebuah negeri diperanakkan dalam
satu hari?

Masakan sebuah bangsa dilahirkan sedetik?
Tetapi baru sahaja Sion menggeliat sakit,
ia sudah melahirkan anak-anaknya.

⁹ Masakan Aku membuka rahim orang,
tetapi tidak membuatnya bersalin?"

demikianlah firman Tuhan.

"Masakan Aku membuat orang bersalin, tetapi
menutup rahimnya?"

demikianlah firman Allahmu.

¹⁰ "Bersukacitalah dengan Yerusalem

dan bergembiralah kerana dia,
wahai semua orang yang mengasihinya!

Bergiranglah segirang-girangnya dengan dia,
wahai semua orang yang berkabung kerananya,

¹¹ supaya kamu dapat menyusu dan menjadi
kenyang

oleh buah dadanya yang menyegarkan;
supaya kamu dapat menghisap dan
bersenang-senang

oleh kekayaannya yang berlimpah-limpah.”

¹² Beginilah firman Tuhan,

“Sesungguhnya, Aku akan mengalirkan
kepadanya kedamaian seperti sungai,
dan kekayaan bangsa-bangsa seperti sungai
yang meluap-luap.

Kamu akan menyusui, digendong, dan
dibelai-belai di pangkuannya.

¹³ Seperti seorang yang dihiburkan oleh ibunya,
demikianlah Aku akan menghiburkan kamu.
Kamu akan dihiburkan di Yerusalem.”

¹⁴ Apabila kamu melihatnya,
hatimu akan bergirang,
tulang-tulangmu akan berkembang seperti
rumput muda.

Kuasa Tuhan akan dinyatakan kepada
hamba-hamba-Nya,
dan murka-Nya kepada musuh-musuh-Nya.

¹⁵ Sesungguhnya, Tuhan akan datang dengan
api,
dan rata-rata-Nya akan seperti angin puting
beliung.

Murka-Nya akan didatangkan-Nya dengan
panas

dan herdikan-Nya dengan nyala api,

¹⁶ kerana Tuhan akan menghakimi semua
manusia dengan api dan dengan
pedang-Nya,

sehingga ramailah orang yang akan dihukum mati oleh Tuhan.

¹⁷ “Orang yang menyucikan dan membersihkan diri untuk masuk ke taman-taman, mengikuti seorang yang ada di tengah-tengahnya sambil memakan daging babi, binatang-binatang menjijikkan dan tikus – mereka itu akan dibinasakan bersama-sama,” demikianlah firman Tuhan.

¹⁸ “Aku tahu pekerjaan dan fikiran mereka. Aku datang untuk mengumpulkan orang daripada segala bangsa dan bahasa. Mereka akan datang dan melihat kemuliaan-Ku.

¹⁹ Aku akan menaruh tanda antara mereka dan akan mengutus orang mereka yang terselamat kepada bangsa-bangsa, iaitu ke Tarsis, ke Pul dan Lud (para pemanah itu), ke Tubal dan Yunani, ke pulau-pulau yang jauh, yang belum pernah mendengar khabar tentang Aku dan yang belum pernah melihat kemuliaan-Ku. Mereka akan menyatakan kemuliaan-Ku di antara bangsa.

²⁰ Mereka akan membawa semua saudaramu daripada kalangan segala bangsa sebagai persembahan kepada Tuhan di atas kuda, rata, tandu, keldai, dan unta ke gunung-Ku yang suci, ke Yerusalem, demikianlah firman Tuhan, sebagaimana orang Israel membawa persembahan mereka dalam wadah yang suci

ke Bait Tuhan. ²¹ Aku pun akan mengangkat beberapa orang daripada mereka sebagai imam dan orang Lewi,” demikianlah firman Tuhan.

²² “Seperti langit yang baru dan bumi yang baru yang akan Kujadikan itu tetap ada di hadapan-Ku,”

demikianlah firman Tuhan,

“demikianlah keturunanmu dan namamu akan tetap ada.

²³ Kelak, dari bulan ke bulan,

dari hari Sabat ke hari Sabat,

semua manusia akan datang menyembah di hadirat-Ku,”

demikianlah firman Tuhan.

²⁴ “Mereka akan keluar dan memandang bangkai-bangkai orang yang telah menderhaka kepada-Ku. Sungguh, ulat-ulatnya tidak akan mati dan apinya tidak akan padam. Semua itu akan menjadi kejijikan bagi semua manusia.”

YEREMIA

1 ¹ Inilah kata-kata Yeremia anak Hilkia, salah seorang imam dari Anatot, di Tanah Benyamin. ² Firman Tuhan datang kepadanya pada zaman Yosia anak Amon, raja Yehuda, pada tahun ketiga belas pemerintahannya, ³ kemudian turun lagi pada zaman Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, sampai akhir tahun kesebelas zaman pemerintahan Zedekia anak Yosia, raja Yehuda, ketika penduduk Yerusalem dibuang negeri pada bulan kelima.

Yeremia diutus

⁴ Firman Tuhan datang kepadaku demikian,

⁵ “Sebelum Aku membentuk engkau dalam kandungan,

Aku telah mengenal engkau,

sebelum engkau keluar dari rahim,

Aku telah mentahbiskan engkau.

Aku telah melantik engkau sebagai nabi kepada bangsa-bangsa.”

1:2: 2Raj 22:3—23:27; 2Taw 34:8—35:19.

1:3 a: 2Raj 23:36—24:7; 2Taw 36:5-8; **b:** 2Raj 24:18—25:21; 2Taw 36:11-21.

⁶ Tetapi aku berkata, “Aduh, ya Tuhan Allah! Sesungguhnya, aku tidak tahu bertutur, kerana aku ini masih muda lagi.”^j

⁷ Firman Tuhan kepadaku, “Jangan katakan, ‘Aku ini masih muda lagi,’ kerana engkau harus pergi ke mana-mana sahaja Aku mengutusmu, dan engkau harus menyampaikan apa-apa sahaja yang Kuperintahkan kepadamu. ⁸ Jangan takut kepada mereka, kerana Aku menyertai engkau dan akan membebaskan engkau,” demikianlah firman Tuhan.

⁹ Lalu Tuhan menghulurkan tangan-Nya dan menjamah mulutku. Firman Tuhan kepadaku, “Sesungguhnya, Aku memberitahukan firman-Ku kepadamu. ¹⁰ Lihatlah, pada hari ini Aku melantik engkau untuk menerajui bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan, untuk mencabut dan meruntuhkan, untuk membinasakan dan menggulingkan, untuk membina dan menanam.”

¹¹ Firman Tuhan datang lagi kepadaku demikian, “Apakah yang kaulihat, Yeremia?”

Jawabku, “Aku melihat sebatang dahan pokok badam.”

^j**1:6** Atau: Sesungguhnya, aku tidak pandai berbicara, kerana aku ini masih muda.

¹² Firman Tuhan kepadaku, “Baik penglihatanmu, kerana Aku mengawasi supaya Firman-Ku terlaksana.”

¹³ Firman Tuhan datang kepadaku untuk kali keduanya dengan demikian, “Apa yang kau lihat?”

Jawabku, “Aku melihat sebuah periuk yang mendidih. Mulutnya menghadap ke arah dari sebelah utara.”

¹⁴ Firman Tuhan kepadaku, “Dari utara akan terbit malapetaka yang menimpa seluruh penduduk negeri ini. ¹⁵ Sungguh, Aku memanggil seluruh suku bangsa daripada kerajaan sebelah utara,” demikianlah firman Tuhan.

“Mereka akan datang dan mendirikan takhta masing-masing

di depan pintu-pintu gerbang Yerusalem, berhadapan dengan seluruh tembok di sekelilingnya

dan berhadapan dengan seluruh kota Yehuda.

¹⁶ Aku akan menjatuhkan hukuman-Ku ke atas mereka

selaras dengan segala kejahatan mereka yang membelakangi Aku.

Mereka membakar dupa bagi tuhan-tuhan lain dan sujud menyembah buatan tangan mereka sendiri.

¹⁷ Tetapi bersiaplah engkau! Sampaikanlah segera kepada mereka semua yang

Kuperintahkan kepadamu. Jangan kecut hati menghadapi mereka, supaya Aku tidak membuat engkau kecut hati di hadapan mereka. ¹⁸ Sesungguhnya, pada hari ini Aku menjadikan engkau kota yang berkubu, tiang besi, dan tembok gangsa di hadapan seluruh negeri ini – di hadapan raja-raja Yehuda, para pembesarnya, para imamnya, dan rakyat negeri ini. ¹⁹ Mereka akan memerangi engkau tetapi tidak akan menewaskan engkau, kerana Aku menyertai engkau dan akan membebaskan engkau,” demikianlah firman Tuhan.

Israel meninggalkan Tuhan

2 ¹ Firman Tuhan datang kepadaku demikian, ² “Pergilah dan berserulah kepada penduduk Yerusalem: Beginilah firman Tuhan, ‘Aku teringat kasih sayangmu pada masa mudamu, cintamu ketika engkau menjadi pengantin, bagaimana engkau mengikuti Aku di gurun, di tanah yang tidak ditaburi benih. ³ Waktu itu Israel suci bagi Tuhan, buah pertama daripada hasil tanah-Nya. Semua yang memakannya dipandang bersalah, malapetaka menimpa mereka,’ ” demikianlah firman Tuhan.

⁴ Dengarlah firman Tuhan, wahai keturunan kaum Yakub,
wahai seluruh kaum keluarga keturunan kaum Israel.

⁵ Beginilah firman Tuhan,
“Kesalahan apakah yang didapati nenek moyangmu dalam diri-Ku sehingga mereka menjauh diri daripada-Ku? Mereka mengikuti kesia-siaan, dan menjadi sia-sia.

⁶ Mereka tidak bertanya, ‘Di manakah Tuhan, yang menuntun kita keluar dari Tanah Mesir, yang membimbing kita di tanah tandus, di tanah gurun dan tanah lekak-lekuk, di tanah gersang dan tanah bayang-bayang maut, di tanah yang tidak dilintasi dan tidak dihuni orang?’

⁷ Aku telah membawa kamu ke tanah yang subur supaya kamu menikmati buahnya dan kemakmurannya. Tetapi sesudah kamu masuk, kamu menajiskan tanah-Ku, harta pusaka-Ku kamu jadikan suatu kekejian.

⁸ Para imam tidak bertanya, ‘Di manakah Tuhan?’

Orang yang memegang hukum Taurat tidak mengenal Aku,
dan para gembala umat memberontak terhadap Aku.

Para nabi bernubuat atas nama Baal dan mengikuti apa yang tidak memberikan faedah.

⁹ Oleh sebab itu Aku akan berperkara lagi dengan kamu,” demikianlah firman Tuhan, “dan dengan anak cucumu pun Aku akan berperkara.

¹⁰ Menyeberanglah ke pesisir orang Siprus dan lihatlah,
utuslah orang ke Kedar dan perhatikanlah baik-baik!

Lihatlah kalau-kalau ada hal semacam ini:

¹¹ Adakah bangsa yang menukar tuhan mereka, sungguhpun tuhan-tuhan itu sebenarnya bukan Tuhan?

Namun demikian, umat-Ku menukar Dia yang menjadi kemuliaan mereka dengan apa yang tidak memberikan faedah.

¹² Tercenganglah akan hal itu, wahai langit, rasa ngerilah, sangat terkejutlah!” demikianlah firman Tuhan.

¹³ “Umat-Ku telah melakukan dua kejahatan: mereka meninggalkan Aku, mata air yang hidup,

dan menggali perigi mereka sendiri, iaitu perigi bocor, yang tidak dapat memuat air.

¹⁴ Adakah Israel itu hamba? Adakah dia anak orang gaji?

Mengapa pula dia menjadi rampasan?

¹⁵ Singa-singa muda mengaum dan melaung terhadapnya.

Negerinya dijadikan tandus, kota-kotanya terbakar, tidak berpenduduk lagi.

¹⁶ Bahkan bani Memfis dan Tahpanhes mencukur ubun-ubunmu.

¹⁷ Bukankah engkau menimpakan hal ini kepada dirimu sendiri

dengan meninggalkan Tuhan, Allahmu, pada waktu Dia menuntun engkau di jalan?

¹⁸ Sekarang, apakah urusanmu berjalan ke Mesir?

Hendak meminum air Sikhor?

Apakah urusanmu berjalan ke Asyur?

Hendak meminum air Sungai Efrat?

¹⁹ Engkau akan diajar oleh kejahatanmu sendiri, engkau akan ditegur oleh kemurtadanmu.

Sedarlah dan lihatlah, betapa buruk dan getirnya

ketika engkau meninggalkan Tuhan, Allahmu, dan ketika rasa takut kepada-Ku tidak ada lagi padamu,"

demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta.

²⁰ “Sejak dahulukala engkau telah mematahkan
kukmu

dan memutuskan tali pengikatmu.

Tetapi engkau berkata, ‘Aku tidak mahu menjadi
hamba.’

Sesungguhnya, di atas setiap bukit yang tinggi
dan di bawah setiap pokok yang rimbun
engkau berbaring sebagai perempuan sundal.

²¹ Aku telah menanam engkau sebagai pokok
anggur pilihan

daripada benih yang baik sepenuhnya.

Bagaimana mungkin engkau berubah menjadi
pokok anggur liar yang busuk?

²² Sekalipun engkau mencuci dirimu dengan
garam abu

dan memakai banyak sabun,

noda kesalahanmu tetap ada di hadapan-Ku,”
demikianlah firman Tuhan Allah.

²³ “Bagaimanakah mungkin engkau berkata,
‘Aku tidak najis.

Aku tidak mengikuti para Baal’?

Lihatlah perilakumu di lembah,

sedarilah apa yang telah kaulakukan.

Engkau seperti unta betina tangkas yang berlari
ke sana ke mari di jalannya sendiri,

²⁴ dan seperti keldai liar yang terbiasa hidup di
gurun,

yang menghirup udara sesuka hatinya.

Siapakah yang dapat menahan nafsunya untuk mengawan?

Semua yang mencarinya tidak perlu berlelah-lelah,

mereka akan menemuinya pada bulan musim mengawan.

²⁵ Jagalah supaya kasut tidak tanggal daripada kakimu

dan kerongkongmu tidak dahaga!

Tetapi engkau berkata, 'Tiada harapan lagi!
Tidak mungkin!

Aku mencintai orang asing

dan aku mahu mengikuti mereka.'

²⁶ Seperti pencuri berasa malu apabila tertangkap,

demikianlah keturunan kaum Israel berasa malu –

mereka, raja mereka, pembesar mereka, imam mereka, dan nabi mereka,

²⁷ yang berkata kepada kayu, 'Engkaulah bapaku!'

dan kepada batu, 'Engkaulah yang melahirkan aku!'

Mereka menghadapkan punggung mereka kepada-Ku, bukan muka mereka,

tetapi pada waktu kesusahan mereka berkata, 'Segeralah selamatkan kami!'

²⁸ Di manakah tuhan-tuhanmu yang kaubuat untuk dirimu?

Biarlah mereka bangkit jika mereka dapat menyelamatkan engkau pada waktu kesusahanmu!

Sebanyak jumlah kotamu,
demikianlah banyaknya tuhanmu,
wahai Yehuda!

²⁹ Mengapakah kamu hendak menentang Aku? Kamu semua telah menderhaka terhadap Aku," demikianlah firman Tuhan.

³⁰ "Sia-sia sahaja Aku menghukum anak-anakmu,
mereka tidak mahu menerima pengajaran.
Pedangmu sendiri telah memakan habis para nabimu,
seperti singa yang membinasakan.

³¹ Wahai kamu, angkatan yang terkini,
perhatikanlah firman Tuhan:

Adakah Aku telah menjadi gurun bagi Israel
atau tanah yang gelap gelita?

Mengapa umat-Ku berkata,
'Kami sudah bebas.

Kami tidak mahu datang kepada-Mu lagi'?

³² Dapatkah seorang dara melupakan perhiasannya,
atau seorang pengantin perempuan melupakan

baju pengantinnya?

Namun demikian, umat-Ku melupakan Aku
selama waktu yang tidak terhitung
jumlahnya.

³³ Betapa pintar caramu mencari cinta!
Oleh sebab itu, perempuan jahat pun belajar
daripada caramu.

³⁴ Apatah lagi pada jubahmu didapati darah
orang sesak yang tidak bersalah,
yang tidak kauketahui sedang mencuri.

Sekalipun semua ini nyata,

³⁵ engkau berkata, 'Aku tidak bersalah! Pastilah
murka-Nya telah surut daripadaku.'

Ketahuilah, Aku akan mengadili engkau kerana
engkau berkata,

'Aku tidak berdosa.'

³⁶ Mengapa begitu mudah engkau pergi,
mengubah-ubah jalanmu?

Engkau akan malu kerana Mesir juga,
sebagaimana engkau malu kerana Asyur.

³⁷ Dari sana pun engkau akan keluar dengan
tangan di atas kepala,

kerana Tuhan telah menolak mereka yang amat
kauharapkan,

dan engkau tidak akan berhasil dengan
mereka."

Bertaubat kepada Allah

3¹ Firman-Nya,
“Kalau seorang lelaki menceraikan isterinya
lalu perempuan itu pergi meninggalkannya
lalu menjadi isteri orang lain,
adakah lelaki itu akan kembali lagi kepada
perempuan itu?

Bukankah bumi itu sudah sangat najis?
Engkau telah berzina dengan ramai kekasih,
dan mahu kembali kepada-Ku?”
demikianlah firman Tuhan.

² Layangkanlah pandang ke bukit-bukit yang
gondol dan lihatlah!

Di manakah engkau tidak pernah ditiduri?
Engkau duduk di tepi jalan menantikan kekasih,
duduk seperti orang Arab di gurun.
Engkau telah menajiskan negeri ini dengan
perzinaanmu dan dengan kejahatanmu.

³ Oleh sebab itu hujan lebat tertahan,
dan hujan akhir musim tidak turun.
Namun demikian, pendirianmu seperti
perempuan sundal,
dan engkau tidak tahu malu.

⁴ Bukankah baru sahaja engkau berseru
kepada-Ku,
‘Bapaku, Engkaulah sahabatku sejak masa
mudaku.

⁵ Masakan Dia memendam amarah untuk selama-lamanya?

Masakan Dia menyimpan murka untuk seterusnya?’

Itulah yang kaukatakan,
tetapi sedapat-dapatnya engkau melakukan kejahatan.

Ajakan untuk kembali kepada Allah

⁶ Pada zaman Raja Yosia Tuhan berfirman kepadaku, “Sudahkah kau lihat apa yang dilakukan Israel, perempuan murtad itu? Dia pergi ke atas setiap gunung yang tinggi dan ke bawah setiap pokok yang rimbun lalu berzina di sana. ⁷ Fikir-Ku, ‘Setelah dia melakukan semua itu, dia akan kembali kepada-Ku.’ Tetapi dia tidak juga kembali. Yehuda, saudara perempuannya yang khianat itu, melihat hal itu juga. ⁸ Aku telah menceraikan Israel, perempuan murtad itu, dan memberikan surat talak kepadanya kerana segala perzinaan yang dilakukannya. Tetapi Aku melihat bahawa Yehuda, saudara perempuannya yang khianat itu, tidak juga berasa takut. Malah dia juga pergi berzina pula. ⁹ Kerana dia memandang ringan perzinaannya, maka dia membuat negeri itu menjadi najis. Dia berzina dengan

menyembah batu dan kayu. ¹⁰ Meskipun semua ini nyata, Yehuda, saudara perempuannya yang khianat itu, tidak juga kembali kepada-Ku dengan sepenuh hati, melainkan dengan pura-pura,” demikianlah firman Tuhan.

¹¹ Tuhan berfirman kepadaku, “Israel, perempuan murtad itu, menunjukkan dirinya lebih benar daripada Yehuda yang khianat itu.

¹² Pergilah, serukanlah kata-kata ini ke utara. Katakanlah,

‘Kembalilah, wahai Israel, perempuan murtad,’ demikianlah firman Tuhan.

‘Aku tidak akan memandangi kamu dengan murka,

kerana Aku ini pemurah,’ demikianlah firman Tuhan,

‘Aku tidak akan memendam murka untuk selama-lamanya.

¹³ Hanya, akuilah kesalahanmu,

bahawa engkau telah menderhaka terhadap Tuhan, Allahmu,

telah melampiasikan nafsu berahimu dengan kalangan orang asing di bawah pokok yang rimbun,

dan tidak mematuhi Aku,” demikianlah firman Tuhan.

Umat yang akan datang ke Sion

¹⁴ “Kembalilah, wahai anak-anak yang murtad,” demikianlah firman Tuhan, “kerana Akulah tuanmu. Aku akan mengambil kamu, seorang dari sebuah kota dan dua orang daripada suatu kaum, lalu Aku akan membawa kamu ke Sion.

¹⁵ Aku akan memberi kamu gembala-gembala yang selaras dengan kehendak hati-Ku. Mereka akan menggembala kamu dengan pengetahuan dan kebijaksanaan. ¹⁶ Pada waktu itu, apabila kamu bertambah ramai dan beranak cucu di negeri ini,” demikianlah firman Tuhan, “orang tidak lagi akan menyebut, ‘Tabut perjanjian Tuhan.’ Itu tidak akan timbul dalam hati dan tidak akan diingat-ingat lagi. Orang tidak akan mencarinya atau membuatnya lagi. ¹⁷ Pada waktu itu Yerusalem akan disebut Arasy Tuhan dan segala bangsa akan berkumpul di Yerusalem kerana nama Tuhan. Mereka tidak lagi akan mengikuti kedegilan hati mereka yang zalim.

¹⁸ Pada masa itu keturunan kaum Yehuda akan berjalan bersama keturunan kaum Israel, dan mereka akan datang bersama-sama dari negeri utara ke negeri yang telah Kukurniakan kepada nenek moyangmu sebagai harta pusaka.”

¹⁹ “Tadinya Aku berfikir, ‘Betapa Aku ingin menempatkan engkau dalam kalangan anak-Ku

dan mengurniakan kepadamu negeri yang
indah,
harta pusaka yang mulia dari seluruh bangsa.’
Aku berfikir, ‘Kamu akan menyebut Aku,
“Bapaku,”
dan tidak akan berhenti mengikuti Aku.’

²⁰ Tetapi seperti isteri yang khianat
meninggalkan pasangannya,
demikianlah kamu mengkhianati Aku,
wahai keturunan kaum Israel,”
demikianlah firman Tuhan.

²¹ Ada suara terdengar di bukit-bukit yang
gondol,
tangisan orang Israel meminta belas kasihan,
sebab mereka telah membuat jalan hidup
mereka bengkok
dan telah melupakan Tuhan, Allah mereka.

²² “Kembalilah, wahai anak-anak yang murtad!
Aku akan menyembuhkan kamu daripada
kemurtadanmu.”

“Inilah kami, kami datang kepada-Mu,
kerana Engkaulah Tuhan, Allah kami.

²³ Sesungguhnya, bukit-bukit keramat adalah
penipuan,
iaitu keramaian di atas gunung-gunung keramat
itu!

Sesungguhnya, hanya pada Tuhan, Allah kita,
ada penyelamatan Israel!

²⁴ Tetapi berhala kehinaan itu telah memakan habis jerih lelah nenek moyang kita sejak masa muda kita, kawanan domba dan kawanan lembu mereka, anak-anak mereka, lelaki dan perempuan.

²⁵ Marilah kita menelungkup dengan rasa malu dan biarlah aib kita menyelubungi kita, kerana kita dan nenek moyang kita telah berdosa terhadap Tuhan, Allah kita, sejak masa muda kita sampai hari ini. Kita tidak mematuhi Tuhan, Allah kita.”

4 ¹ “Jika engkau mahu kembali, wahai Israel,” demikianlah firman Tuhan, “kembalilah kepada-Ku!”

Jika engkau mahu menyingkirkan berhala-berhalamu^k yang menjijikkan dari hadirat-Ku

dan tidak lari lagi,

² jika engkau bersumpah, ‘Demi Tuhan yang hidup’ dalam kebenaran, keadilan dan ketulusan,^l

maka bangsa-bangsa akan mendapat berkat kerana Dia dan akan bermegah kerana Dia.”

^k4:1 Atau: Dewa-dewamu.

^l4:2 Juga diterjemahkan seperti ‘kesetiaan, keadilan, dan kebenaran.’

³ Beginilah firman Tuhan kepada orang Yehuda dan kepada Yerusalem,
“Bajaklah tanahmu yang kosong.
Jangan menabur benih di tengah-tengah semak duri.

⁴ Sunatkanlah dirimu bagi Tuhan dan buanglah kulit khatan hatimu,
wahai orang Yehuda dan penduduk Yerusalem, supaya murka-Ku tidak memancar seperti api, dan menyala tanpa ada yang memadamkan, kerana segala perbuatanmu yang jahat.”

Ancaman dari Utara terhadap Yehuda

⁵ Canangkanlah di Yehuda dan khabarkanlah di Yerusalem.
Katakan, ‘Tiuplah sangkakala di negeri!’
Berserulah kuat-kuat dan katakan,
‘Berkumpullah! Mari kita pergi ke kota-kota yang berkubu!’

⁶ Angkatlah panji-panji ke arah Sion!
Bergerak majulah, jangan tinggal diam, kerana Aku mendatangkan malapetaka dari utara
dan kehancuran yang besar.

⁷ Singa telah bangkit dari belukar,
pemusnah bangsa-bangsa telah berangkat,

keluar dari tempatnya
untuk menjadikan negerimu tandus.
Kota-kotamu akan dijadikan puing-puing
sehingga tidak berpenduduk lagi.

⁸ Oleh sebab itu pakailah kain perkabungan,
merataplah dan meraung-raung,
kerana murka Tuhan yang menyala-nyala itu
tidak surut daripada kita.

⁹ “Pada waktu itu,” demikianlah firman Tuhan,
“semangat raja dan semangat para pembesar
akan patah.

Para imam akan tertegun,
dan para nabi tercengang-cengang.”

¹⁰ Lalu kataku, “Aduh, ya Tuhan Allah!

Sungguh, Engkau telah mengabui bangsa ini dan
penduduk Yerusalem dengan berfirman, ‘Kamu
akan mendapat kedamaian,’ padahal pedang
mengancam jiwa.”

¹¹ Pada waktu itu akan dikatakan kepada bangsa
ini serta kepada penduduk Yerusalem, “Angin
panas dari bukit-bukit gondol di gurun bertiup
ke arah puteri umat-Ku, bukan untuk menampi
dan bukan untuk membersihkan. ¹² Angin yang
lebih kuat daripada itu akan datang kepada-Ku.
Sekarang Aku sendiri akan menyatakan hukuman
terhadap mereka.”

¹³ Lihat, dia naik seperti awan dan rata-ratanya
seperti angin puting beliung.

Kuda-kudanya lebih tangkas daripada burung rajawali.

Malangnya kita, kerana kita dibinasakan!

¹⁴ Basuhlah hatimu daripada kejahatan, wahai Yerusalem, supaya engkau diselamatkan.

Berapa lama lagi rancangan-rancanganmu yang jahat itu akan tinggal dalam hatimu?

¹⁵ Ada suara yang mengumumkan dari Dan, mengkhabarkan fasal bencana dari Pergunungan Efraim.

¹⁶ “Peringatkanlah bangsa-bangsa, ya, khabarkanlah kepada Yerusalem: ‘Para pengepung datang dari negeri yang jauh, mereka memperdengarkan suara mereka terhadap kota-kota Yehuda.

¹⁷ Mereka mengelilingi dia seperti orang yang menunggui ladang, sebab Yehuda telah menderhaka terhadap Aku,’ ”

demikianlah firman Tuhan.

¹⁸ Perilakumu dan perbuatanmu telah menimpakan hal-hal ini kepadamu.

Itulah nasib burukmu.

Sungguh pahit, sungguh menusuk hati!

¹⁹ Perutku, perutku! Aku kesakitan!

Dinding jantungku!
Jantungku berdebar-debar,

aku tidak dapat berdiam diri,
kerana aku mendengar bunyi sangkakala
dan semboyan peperangan.

²⁰ Kehancuran demi kehancuran diserukan,
seluruh negeri dirosakkan.

Khemahku dirosakkan dengan tiba-tiba,
kain-kain khemahku dalam sejenak sahaja.

²¹ Berapa lama lagi aku akan melihat panji-panji
itu

dan mendengar bunyi sangkakala?

²² “Memang bodoh umat-Ku itu,
mereka tidak mengenal Aku.

Mereka anak yang tolol

dan mereka tidak mempunyai pengertian.

Mereka pandai berbuat jahat,
tetapi tidak tahu bagaimana harus berbuat
baik.”

²³ Aku melihat bumi, ternyata tidak berbentuk
dan kosong,

dan melihat langit, tidak ada terangnya.

²⁴ Aku melihat gunung-gunung,
ternyata bergoncang-goncangan,
dan segala bukit juga goyah.

²⁵ Aku melihat, ternyata tidak ada manusia,
dan semua burung di udara telah lari terbang.

²⁶ Aku melihat, ternyata ladang yang subur
telah menjadi padang gurun,

dan segala kotanya telah roboh di hadapan
Tuhan,

di hadapan murka-Nya yang menyala-nyala.

²⁷ Beginilah firman Tuhan,

“Seluruh negeri itu akan menjadi sunyi sepi,
tetapi Aku tidak akan memusnahkannya sama
sekali.

²⁸ Oleh sebab hal ini bumi akan berkabung
dan langit di atas akan menggelap,

kerana Aku telah berfirman,

Aku telah memutuskan.

Aku tidak akan menyesal dan tidak akan
mundur daripada hal itu.”

²⁹ Kerana keriuhan pasukan berkuda dan para
pemanah,

penduduk setiap kota melarikan diri.

Mereka masuk ke dalam semak belukar dan
naik ke ceruk-ceruk batu.

Setiap kota ditinggalkan,

tidak ada seorang pun tinggal di dalamnya.

³⁰ Wahai engkau yang dirosakkan, apa yang
akan kaulakukan?

Sekalipun engkau mengenakan pakaian merah
tua,

sekalipun engkau menghias diri dengan
perhiasan emas,

sekalipun engkau menyapukan celak pada
matamu,

sia-sia sahaja engkau mempercantik diri.
Para kekasihmu mencampakkan engkau,
mereka berusaha mencabut nyawamu.

³¹ Kudengar suara seperti suara perempuan
bersalin,
suara kesesakan perempuan yang melahirkan
anak pertama.
Itulah suara puteri Sion yang terengah-engah,
yang menadahkan tangan sambil berkata,
“Malangnya aku, kerana aku lesu di hadapan
para pembunuh.”

Hukuman Allah tidak terelakkan

5 ¹ “Larilah ke sana ke mari di jalan-jalan
Yerusalem,
lihatlah dan perhatikan,
carilah di tempat-tempat umumnya.
Jika kamu dapat menemukan seseorang
yang menegakkan keadilan dan yang mencari
kebenaran,
maka Aku akan mengampuni kota itu.
² Kalaupun mereka berkata, ‘Demi Tuhan yang
hidup,’
mereka itu bersumpah dusta.”
³ Ya Tuhan, bukankah mata-Mu tertuju pada
kebenaran?
Engkau memukul mereka,
tetapi mereka tidak berasa sakit.

Engkau menghancurkan mereka,
tetapi mereka tidak mahu menerima
pengajaran.

Mereka mengeraskan kepala lebih daripada
batu,
dan tidak mahu bertaubat.

⁴ Kufikir, “Itu hanya orang miskin.

Mereka bodoh, kerana mereka tidak mengenal
Jalan Tuhan,
hukum Allah mereka.

⁵ Aku akan pergi menemui orang besar
dan berbicara dengan mereka,
kerana merekalah yang mengenal jalan Tuhan,
hukum Allah mereka.”

Tetapi mereka pun sama-sama telah
mematahkan kuk,
telah memutuskan tali-tali pengikat.

⁶ Oleh sebab itu mereka akan dibunuh oleh
singa dari hutan
dan dibinasakan oleh serigala dari gurun.
Harimau bintang akan mengintai di pinggir kota
mereka,
setiap orang yang keluar dari situ akan
dicabik-cabikkan,
kerana pelanggaran mereka banyak
dan kemurtadan mereka besar.

⁷ “Bagaimanakah mungkin Aku mengampuni
engkau?

Anak-anakmu telah meninggalkan Aku,
lalu bersumpah demi yang bukan Tuhan.
Setelah Aku mengenyangkan mereka, mereka
berzina

dan berkerumun di rumah perempuan sundal.

⁸ Mereka seperti kuda jantan yang kenyang dan
penuh ghairah nafsu,
masing-masing meringkik menginginkan isteri
orang lain.

⁹ “Masakan Aku tidak menghukum mereka
kerana hal-hal ini?”

demikianlah firman Tuhan,

“masakan Aku tidak menuntut balas atas
bangsa yang seperti ini?”

¹⁰ Datanglah ke kebun anggurnya,
musnahkannyalah, tetapi jangan hapuskannya
sama sekali.

Singkirkanlah carang-carangnya,
kerana semua itu bukan milik Tuhan.

¹¹ Keturunan kaum Israel dan keturunan kaum
Yehuda

telah sangat khianat terhadap Aku,”
demikianlah firman Tuhan.

¹² Mereka mengingkari Tuhan dan berkata,

“Dia tidak akan berbuat apa-apa!

Malapetaka tidak akan menimpa kita,
pedang dan bencana kebuluran tidak akan kita
lihat.

¹³ Para nabi seumpama angin,
tidak ada firman pada mereka.

Begitulah akan dilakukan terhadap mereka.”

¹⁴ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, Allah
alam semesta,

“Kerana mereka mengucapkan perkataan itu,
maka firman-Ku yang ada di dalam mulutmu
akan Kujadikan api,
dan bangsa ini Kujadikan kayu bakar.

Api akan melahap mereka.

¹⁵ Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan
sebuah bangsa dari jauh untuk menyerang
kamu,

wahai keturunan kaum Israel,”

demikianlah firman Tuhan,

“sebuah bangsa yang kuat lagi teguh, bangsa
purbakala,

bangsa yang tidak kauketahui bahasanya, dan
yang tidak kaufahami perkataannya.

¹⁶ Tabung panahnya seperti kubur menganga,
mereka semua kesateria.

¹⁷ Mereka akan melahap hasil tuaianmu dan
makananmu,

melahap anak-anakmu, baik lelaki mahupun
perempuan.

Mereka akan melahap kawan dombamu dan
kawan lembumu,

melahap pokok anggurmu dan pokok aramu.

Mereka akan menghancurkan dengan pedang kota-kotamu yang berkubu, yang kauharapkan.”

¹⁸ “Tetapi pada masa itu pun,” demikianlah firman Tuhan, “Aku tidak akan menghapuskan kamu sama sekali. ¹⁹ Nanti, apabila orang bertanya-tanya, ‘Mengapakah Tuhan, Allah kita, melakukan segala hal ini terhadap kita?’ maka engkau harus menjawab mereka, ‘Seperti kamu meninggalkan Aku dan menghamba kepada tuhan-tuhan bangsa asing di negerimu, demikianlah kamu akan menghamba kepada orang asing di sebuah negeri yang bukan negerimu.’”

²⁰ Beritahukanlah hal ini kepada keturunan kaum Yakub,

khabarkanya di Yehuda dengan mengatakan,

²¹ “Dengarlah hal ini, wahai bangsa yang tolok dan tidak mempunyai pengertian, yang mempunyai mata tetapi tidak melihat, yang mempunyai telinga tetapi tidak mendengar.

²² ‘Adakah kamu tidak takut kepada-Ku,’ demikianlah firman Tuhan, ‘adakah kamu tidak gementar di hadirat-Ku?’

Akulah yang menetapkan pasir pantai sebagai perbatasan laut, sebagai batas kekal yang tidak dapat dilaluinya. Gelombang yang mengganas sekalipun tidak sanggup melaluinya, gelombang yang menderu-deru sekalipun tidak sanggup mengatasinya.

²³ Tetapi bangsa ini mempunyai hati yang membangkang dan derhaka.

Mereka telah menyimpang lalu pergi.

²⁴ Mereka tidak berkata dalam hati, 'Baiklah kita takut kepada Tuhan Allah kita, yang menurunkan hujan pada musimnya, baik hujan awal musim mahupun hujan akhir musim, dan yang menjamin minggu-minggu penuaian yang tetap bagi kita.'

²⁵ Kesalahanmu telah menjauhkan hal-hal ini, dosamu telah menahan hal yang baik daripadamu.

²⁶ Sesungguhnya, antara umat-Ku terdapat orang fasiq, mereka mengintai seperti orang yang memasang jerat pemikat burung.

Mereka memasang perangkap, mereka menangkap manusia.

²⁷ Seperti sangkar penuh dengan burung,

demikianlah rumah mereka penuh dengan tipu daya.

Itulah sebabnya mereka menjadi besar dan kaya,

²⁸ menjadi gemuk dan berseri-seri.

Bahkan mereka sudah keterlaluan dalam hal kejahatan.

Mereka tidak menghakimi perkara anak yatim secara adil untuk memenangkannya.

Mereka tidak membela hak orang sesak.

²⁹ Masakan Aku tidak menghukum mereka kerana hal-hal ini?”

demikianlah firman Tuhan,

“masakan Aku tidak menuntut balas terhadap bangsa yang seperti ini?

³⁰ Hal yang dahsyat dan mengerikan terjadi di negeri ini:

³¹ Para nabi menyampaikan nubuat dusta, para imam memerintah sekehendak hati mereka,

dan umat-Ku menyukai keadaan demikian.

Tetapi apa yang akan kamu lakukan ketika kesudahannya tiba?”

Malapetaka bagi Yerusalem dan Yehuda

6 ¹ Selamatkanlah diri, wahai bani Benyamin, dari tengah-tengah Yerusalem!

Tiuplah sangkakala di Tekoa

dan pasanglah api isyarat di atas Bet-Kerem!
Kerana dari utara malapetaka mengintai,
dan suatu kehancuran yang besar.

² Aku akan membinasakan puteri Sion yang
elok dan manja itu.

³ Para gembala berserta kawanan ternak
mereka akan mendatangnya.

Mereka akan memancang khemah-khemahnya
di sekelilingnya,

dan memberikan makan ternakan mereka di
tempat masing-masing.

⁴ “Siapkanlah untuk berperang melawan dia!
Ayuh, mari kita maju pada tengah hari!”

“Malangnya kita,
kerana hari sudah menjelang petang,
bayang-bayang petang sudah memanjang.”

⁵ “Ayuh, mari kita maju pada malam hari dan
memusnahkan puri-puri mereka!”

⁶ Beginilah firman Tuhan alam semesta,

“Tebanglah pokok-pokoknya
dan timbunlah tanggul pengepung untuk
menyerang Yerusalem!

Itulah kota yang patut dihukum,
di dalamnya hanya ada penindasan belaka.

⁷ Seperti perigi memancarkan airnya,
demikianlah kota itu memancarkan
kejahatannya.

Keganasan dan pemusnahan terdengar di
dalamnya,
kesakitan dan luka sentiasa ada di hadapan-Ku.
⁸ Terimalah pengajaran, wahai Yerusalem,
supaya Aku tidak menjauhi engkau dengan rasa
muak,
supaya Aku tidak menjadikan engkau sunyi
sepi,
sebuah negeri yang tidak berpenduduk.”
⁹ Beginilah firman Tuhan alam semesta,
“Saki-baki orang Israel akan dipetik habis
seperti buah anggur.
Biarlah tanganmu kembali memeriksa
carang-carang seperti pemetik buah
anggur.”
¹⁰ Kepada siapakah aku harus berbicara dan
memberikan peringatan,
supaya mereka mahu mendengar?
Sesungguhnya, telinga mereka tertutup,
mereka tidak dapat mendengar.
Firman Tuhan menjadi bahan celaan bagi
mereka,
mereka tidak menyukainya.
¹¹ Oleh sebab itu aku penuh dengan murka
Tuhan,
aku kepayahan menahannya.
“Curahkannya kepada kanak-kanak di jalan dan
kepada kumpulan pemuda sekali gus.

Baik suami mahupun isteri akan ditangkap,
juga orang tua dan orang yang lanjut usia.

¹² Rumah mereka akan beralih kepada orang
lain dengan ladang-ladang bersertakan
para isteri mereka sekali gus,
kerana Aku akan menghulurkan tangan-Ku
melawan penduduk negeri ini,”
demikianlah firman Tuhan.

¹³ “Yang terkecil sampai yang terbesar,
semuanya mengejar laba.
Baik nabi mahupun imam,
semuanya melakukan penipuan.

¹⁴ Mereka mengubati luka umat-Ku dengan
menganggapnya ringan, kata mereka,
‘Sejahtera, sejahtera!’

Padahal tidak ada kesejahteraan.

¹⁵ Adakah mereka berasa malu ketika
melakukan kekejian?

Tidak, mereka sama sekali tidak berasa malu.
Bahkan mereka tidak menyedari aib mereka.
Oleh sebab itu mereka akan jatuh di antara
orang yang jatuh,
mereka akan tersandung pada waktu Aku
menghukum mereka,”
demikianlah firman Tuhan.

¹⁶ Beginilah firman Tuhan,

“Berdirilah di jalan-jalan dan amatilah!
Tanyakanlah jalan-jalan yang dahulukala,
di mana ada jalan yang baik, tempuhlah itu,
maka jiwamu akan mendapat ketenangan.

Tetapi mereka berkata,

‘Kami tidak mahu melalui jalan itu.’

¹⁷ Aku juga mengangkat beberapa orang
penjaga atasmu, firman-Ku,

‘Perhatikanlah bunyi sangkakala!’

Tetapi mereka berkata,

‘Kami tidak mahu memerhatikannya’

¹⁸ Oleh sebab itu dengarlah,

wahai bangsa-bangsa,

dan ketahuilah, wahai umat,

apa yang akan menimpa mereka.

¹⁹ Dengarlah, wahai bumi!

Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan
malapetaka kepada bangsa ini sebagai
akibat daripada rancangan-rancangan
mereka,

sebab mereka tidak mahu memerhatikan
firman-Ku dan menolak hukum-Ku.

²⁰ Untuk apa mereka membawa kemenyan dari
Syeba bagi-Ku dan tebu wangi yang baik
dari negeri yang jauh?

Korban bakaranmu tidak Kuperkenan,
korban sembelihanmu tidak menyenangkan
bagi-Ku.”

²¹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan,
“Sesungguhnya, Aku akan menaruh batu
sandungan di hadapan bangsa ini,
sehingga ayah dan anak akan sama-sama
tersandung padanya.

Tetangga dan kawan akan binasa.”

²² Beginilah firman Tuhan,

“Sesungguhnya, sebuah pasukan datang dari
sebelah utara,

sebuah bangsa yang besar akan digerakkan dari
hujung bumi.

²³ Mereka memegang busur dan lembing,
mereka bengis dan tidak berbelas kasihan.

Suara mereka menderu seperti laut,
mereka menunggang kuda,
mengatur barisan seperti orang hendak
berperang,

untuk menyerang engkau, wahai puteri Sion!”

²⁴ Kami telah mendengar khabarnya,
dan kami patah semangat.

Kesesakan mencengkam kami,
sakit seperti perempuan yang mengalami sakit
bersalin.

²⁵ Jangan keluar ke padang,

jangan berlalu di jalan,

kerana ada pedang musuh –

kegentaran datang dari segala jurusan!

²⁶ wahai puteri umat-Ku,

pakailah kain perkabungan dan berguling-gulinglah dalam abu.

Berkabunglah dengan ratapan yang getir seperti orang yang kehilangan anak tunggal,

kerana tiba-tiba si pembinasas datang menyerang kita.

Yeremia menjadi penguji umat

²⁷ “Aku telah mengangkat engkau menjadi penguji dan pemeriksa antara umat-Ku, supaya engkau dapat mengetahui dan menguji jalan hidup mereka.

²⁸ Mereka semua penderhaka belaka, pergi ke sana ke mari sebagai pemfitnah. Mereka sekeras gangsa dan besi, mereka semua tidak berakhlak.

²⁹ Alat peniup sudah menghembus, timah dibakar habis oleh api.

Tetapi sia-sia orang melebur terus, kerana orang jahat tidak dapat diasingkan.

³⁰ Mereka akan disebut perak buangan, kerana Tuhan telah menolak mereka.

Khutbah Yeremia tentang Bait Suci

7 ¹ Demikianlah firman yang turun daripada Tuhan kepada Yeremia, ² “Berdirilah di pintu

gerbang Bait Tuhan, serukanlah firman ini di sana dan katakanlah,

‘Dengarlah firman Tuhan, wahai semua orang Yehuda yang masuk melalui pintu-pintu gerbang ini untuk menyembah Tuhan! ³ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Perbaiklah perilakumu dan perbuatanmu, maka Aku akan membiarkan kamu diam di tempat ini. ⁴ Jangan percaya kepada perkataan dusta yang berbunyi, ‘Inilah Bait Suci Tuhan, Bait Suci Tuhan, Bait Suci Tuhan.’

⁵ Jika kamu sungguh-sungguh memperbaiki perilakumu dan perbuatanmu, jika kamu sungguh-sungguh melaksanakan keadilan antara satu sama lain, ⁶ tidak menindas pendatang, anak yatim, dan balu, tidak menumpahkan darah orang yang tidak bersalah di tempat ini, dan tidak mengikuti tuhan-tuhan lain yang akan mendatangkan kemalangan terhadap dirimu sendiri, ⁷ maka Aku akan membiarkan kamu diam di tempat ini, di negeri yang telah Kukurniakan kepada nenek moyangmu sejak dahulukala untuk selama-lamanya.

⁸ Tetapi kamu percaya kepada perkataan dusta yang tidak memberikan faedah. ⁹ Masakan kamu mencuri, membunuh, berzina, bersumpah dusta, membakar dupa bagi Baal, dan mengikuti tuhan-tuhan lain yang tidak kamu kenal, ¹⁰ kemudian

datang dan berdiri di hadirat-Ku dalam bait yang disebut dengan nama-Ku ini, sambil berkata, ‘Kita diselamatkan’ – sehingga dapat melakukan segala kekejian ini? ¹¹ Adakah bait yang disebut dengan nama-Ku ini sudah kamu anggap sebagai sarang penyamun? Sesungguhnya, Aku sendiri melihatnya,” demikianlah firman Tuhan.

¹² “Pergilah ke tempat suci-Ku di Silo, tempat Aku menegakkan nama-Ku pada mula-mulanya, dan lihatlah apa yang telah Kulakukan terhadap tempat itu kerana kejahatan umat-Ku Israel!

¹³ Kamu telah melakukan segala perbuatan itu,” demikianlah firman Tuhan, “walaupun Aku telah terus-menerus berfirman kepadamu tetapi kamu tidak mahu mendengar, dan Aku telah berseru kepadamu tetapi kamu tidak mahu menjawab.

¹⁴ Maka sekarang, seperti yang Kulakukan terhadap Silo, demikianlah akan Kulakukan terhadap bait yang disebut dengan nama-Ku, yang kamu harapkan itu, serta terhadap tempat yang telah Kukurniakan kepadamu dan kepada nenek moyangmu. ¹⁵ Aku akan membuang kamu dari hadirat-Ku, sebagaimana Aku membuang semua saudaramu, iaitu seluruh keturunan Efraim.”

7:11: Mat 21:13; Mrk 11:17; Luk 19:46.

7:12: Yos 18:1; Mzm 78:60; Yer 26:6.

Melawan penyembahan Ratu Langit

¹⁶ “Mengenai engkau, jangan berdoa bagi bangsa ini dan jangan panjatkan permohonan atau doa bagi mereka. Jangan desak Aku, kerana Aku tidak akan mendengar engkau. ¹⁷ Tidakkah kaulihat apa yang dilakukan mereka di kota-kota Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem? ¹⁸ Anak memungut kayu, ayah menyalakan api, dan kaum perempuan menguli adonan untuk membuat penganan bagi Ratu Langit. Mereka mencurahkan persembahan minuman bagi tuhan-tuhan lain untuk membangkitkan murka-Ku. ¹⁹ Sungguhkah Aku yang disakiti mereka?” demikianlah firman Tuhan, “Bukankah diri mereka sendiri yang disakiti sehingga muka mereka tercoreng?” ²⁰ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, amarah-Ku dan murka-Ku akan dicurahkan ke atas tempat ini atas manusia, atas binatang, atas pepohonan di padang, dan atas hasil tanah. Murka itu akan menyala-nyala dan tidak dapat dipadamkan.”

Melawan ibadat tanpa kesetiaan

²¹ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, “Tambahkan sajalah korban

bakaranmu kepada korban sembelihanmu, lalu makanlah dagingnya. ²² Sesungguhnya, pada waktu Aku membawa nenek moyangmu keluar dari Tanah Mesir, Aku tidak berfirman atau memerintahkan mereka tentang korban bakaran dan korban sembelihan. ²³ Tetapi hal inilah yang Kuperintahkan kepada mereka, 'Patuhilah Aku, maka Aku akan menjadi Allahmu dan kamu akan menjadi umat-Ku. Tempuhlah segala jalan yang Kuperintahkan kepadamu, supaya baik keadaanmu.' ²⁴ Tetapi mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu memberikan perhatian. Mereka malah mengikuti rancangan sendiri dan kedegilan hati mereka yang jahat. Mereka mundur, bukan maju. ²⁵ Sejak nenek moyangmu keluar dari Tanah Mesir sampai hari ini, Aku mengutus semua hamba-Ku, para nabi kepadamu, setiap hari dan terus-menerus. ²⁶ Tetapi mereka tidak mahu mendengar Aku atau memberikan perhatian. Mereka malah mengeraskan hati dan berbuat lebih jahat daripada nenek moyang mereka.

²⁷ Engkau akan menyampaikan segala hal ini kepada mereka, tetapi mereka tidak akan mendengar engkau. Engkau akan berseru kepada mereka, tetapi mereka tidak akan menjawab engkau. ²⁸ Jadi, katakanlah kepada mereka, 'Inilah bangsa yang tidak mahu mematuhi Tuhan

Allah mereka, dan yang tidak mahu menerima pengajaran. Kebenaran sudah hilang lenyap daripada mulut mereka.’ ”

Penyembahan berhala dan akibatnya

²⁹ “Cukurlah rambutmu dan buanglah!

Nyaringkanlah ratapan di atas bukit-bukit yang gondol,

kerana Tuhan telah menolak dan meninggalkan keturunan yang dimurkai-Nya!

³⁰ Bani Yehuda telah melakukan apa yang jahat di mata-Ku,” demikianlah firman Tuhan. “Mereka menaruh tuhan mereka yang menjijikkan di dalam bait yang disebut dengan nama-Ku, untuk menjiskannya. ³¹ Mereka juga membangunkan bukit pemujaan Tofet di Lembah Ben-Hinom untuk membakar habis anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan – suatu hal yang tidak pernah Kuperintahkan dan yang tidak pernah tersil dalam hati-Ku. ³² Oleh sebab itu ketahuilah, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa orang tidak lagi akan menyebutnya Tofet atau Lembah Ben-Hinom, tetapi Lembah Pembunuhan. Tofet akan menjadi tempat menguburkan orang kerana tidak ada tempat lagi. ³³ Mayat bangsa ini akan menjadi

makanan burung di udara dan binatang di bumi tanpa ada yang mengusik mereka. ³⁴ Di kota-kota Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem akan Kuhentikan suara kegirangan dan suara kegembiraan, suara pengantin lelaki dan suara pengantin perempuan, kerana negeri ini akan menjadi reruntuhan.”

8 ¹ “Pada waktu itu,” demikianlah firman Tuhan, “tulang para raja Yehuda dan para pembesar, tulang para imam dan para nabi, serta tulang penduduk Yerusalem akan dikeluarkan dari kubur mereka. ² Semuanya akan diserakkan di depan matahari, bulan, dan segala benda langit yang dicintai, disembah, dan diikuti mereka, juga yang dicari mereka dan yang dipuja mereka. Semuanya tidak akan dikumpulkan dan tidak akan dikuburkan, tetapi akan menjadi baja kandang di permukaan tanah. ³ Semua saki-baki orang yang masih tinggal daripada kaum yang jahat ini, iaitu orang yang masih tinggal di segala tempat ke mana Aku menghalau mereka, akan lebih suka mati daripada hidup,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

Dosa dan hukumannya

⁴ Katakanlah kepada mereka,

“Beginilah firman Tuhan,
Masakan orang jatuh dan tidak bangun lagi?
Masakan orang berpaling dan tidak berbalik
lagi?

⁵ Mengapakah umat ini berpaling?
Mengapakah Yerusalem berpaling terus-
menerus?

Mereka berpegang kepada tipu daya dan
menolak untuk berbalik.

⁶ Aku telah memperhatikan dan mendengar,
tetapi mereka tidak berkata jujur.

Tiada seorang pun menyesali kejahatannya
dengan berkata,

‘Apakah yang telah kulakukan?’

Semua orang berpaling kepada jalan mereka
sendiri,

seperti kuda menghambur ke dalam
peperangan.

⁷ Bahkan burung ranggung di udara tahu akan
musimnya.

Burung tekukur, burung layang-layang, dan
burung bangau tetap ingat akan masa
kedatangannya,

tetapi umat-Ku tidak mengetahui hukum Tuhan.

⁸ Bagaimana mungkin kamu berkata, ‘Kami
orang bijak.

Kami memiliki hukum Tuhan’?

Ketahuilah, pena dusta para jurutulis telah
membuat hukum itu menjadi dusta.

⁹ Orang bijak akan menjadi malu,
mereka terkejut lalu tertangkap.

Sesungguhnya, mereka telah menolak firman
Tuhan.

Kebijaksanaan apakah yang ada pada mereka?

¹⁰ Oleh sebab itu Aku akan menyerahkan isteri
mereka kepada orang lain,
dan ladang-ladang mereka kepada orang yang
akan merebutnya.

Yang terkecil sampai kepada yang terbesar,
semuanya mengejar laba.

Baik nabi mahupun imam,
semuanya melakukan penipuan.

¹¹ Mereka mengubati luka puteri umat-Ku
dengan menganggapnya ringan,
kata mereka, "Sejahtera, sejahtera!"

Padahal tidak ada kesejahteraan.

¹² Adakah mereka berasa malu ketika mereka
melakukan kekejian?

Tidak, mereka tidak malu sama sekali!

Bahkan mereka tidak menyedari aib mereka.

Oleh sebab itu mereka akan jatuh di antara
orang yang jatuh,

mereka akan tersandung pada waktu Aku menghukum mereka,”

demikianlah firman Tuhan.

¹³ “Aku akan melenyapkan hasil tanah mereka,” demikianlah firman Tuhan.

“Tidak ada lagi buah pada pokok anggur.

Tidak ada lagi buah pada pokok ara, dedaunan akan luruh.

Apa yang Kukurniakan kepada mereka akan lenyap.”

¹⁴ Mengapakah kita duduk-duduk sahaja?

Berkumpullah dan marilah kita masuk ke kota-kota yang berkubu,

lalu binasa di sana!

Tuhan, Allah kita, telah membinasakan kita,

dan memberi kita minum air beracun,

kerana kita telah berdosa terhadap Tuhan.

¹⁵ Kita mengharapkan kesejahteraan,

tetapi tidak ada sesuatu yang baik,

mengharapkan waktu penyembuhan,

tetapi yang ada hanya kengerian.

¹⁶ “Dengus kuda musuh terdengar dari Dan.

Kerana bunyi ringkikan kuda jantan mereka, seluruh negeri gementar.

Mereka datang melahap negeri itu dan segala isinya, kota dan penduduknya.

¹⁷ Lihat, Aku melepaskan ular ke tengah-tengah kamu,

iaitu ular berbisa yang tidak dapat dipukau,
dan kamu akan dipagutnya,”
demikianlah firman Tuhan.

Ratapan kerana Yehuda dan Yerusalem

¹⁸ Dukaku tidak tersembuhkan,
hatiku lemah.

¹⁹ Dengar! Suara teriakan puteri bangsaku dari
negeri yang jauh:

“Adakah Tuhan tidak hadir di Sion?
Tidak hadirkah Rajanya di dalamnya?”

“Mengapakah mereka membangkitkan
murka-Ku

dengan patung-patung ukiran mereka,
dengan berhala-berhala bangsa asing?”

²⁰ “Musim menuai sudah berlalu, musim panas
sudah berakhir,

tetapi kita belum diselamatkan juga.”

²¹ Kerana luka puteri bangsaku, aku pun luka.
Aku berkabung, kengerian mencengkam aku.

²² Tidak adakah balsam di Gilead?

Tidak adakah tabib di sana?

Mengapa belum datang juga
kesembuhan puteri bangsaku?

9 ¹ Kalaulah kepalaku mata air
dan matakku pancuran air mata,
maka siang malam aku akan menangis

orang yang terbunuh daripada kalangan puteri
bangsaku.

² Kalaulah kudapatkan tempat bermalam di
gurun

bagi orang yang sedang dalam perjalanan,
maka aku akan meninggalkan bangsaku
dan pergi daripada mereka,
kerana mereka semua penzina,
kumpulan pengkhianat.

³ “Mereka melenturkan lidah seperti busur
panah, untuk berdusta.

Mereka menjadi kuat di negeri, tetapi bukan
demi kebenaran.

Mereka beranjak daripada kejahatan kepada
kejahatan,
dan Aku tidak dikenal mereka,” demikianlah
firman Tuhan.

⁴ “Biarlah setiap orang berjaga-jaga terhadap
kawannya

dan tidak mempercayai saudara mana-mana
pun,

kerana setiap saudara akan saling memperdaya
dan setiap kawan akan pergi ke sana ke mari
sebagai pemfitnah.

⁵ Setiap orang menipu kawannya
dan tidak berkata benar.

Mereka telah melatih lidah untuk berkata
dusta,

mereka melelahkan diri untuk melakukan kemungkaran.

⁶ Engkau tinggal di tengah-tengah tipu daya. Kerana tipu daya itu, mereka tidak mahu mengenal Aku," demikianlah firman Tuhan.

⁷ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta,

"Sesungguhnya, Aku akan memurnikan dan menguji mereka,

kerana apa lagi yang dapat Kulakukan terhadap puteri umat-Ku?

⁸ Lidah mereka ialah anak panah yang membunuh,

tipu daya diucapkan mereka.

Dengan mulut orang berbicara damai kepada sesama diri,

tetapi dalam hatinya dia bersedia menyerang hendap.

⁹ Masakan Aku tidak menghukum mereka kerana hal-hal ini?"

demikianlah firman Tuhan,

"masakan Aku tidak membalas dendam terhadap bangsa yang seperti ini?

¹⁰ Aku akan menyaringkan tangisan dan lagu perkabungan untuk gunung-gunung, begitu pula ratapan untuk padang-padang rumput di gurun,

kerana semuanya sudah tandus sehingga tidak
ada orang yang melintasinya,
dan suara ternak tidak terdengar lagi.

Baik burung di udara mahupun binatang,
semuanya telah pergi lari.

¹¹ Aku akan menjadikan Yerusalem timbunan
puing,
sarang kawan-an serigala.

Aku akan menjadikan kota-kota Yehuda sunyi
sepi,
tanpa penduduk.”

Ancaman keruntuhan dan pembuangan

¹² Siapakah orang yang cukup bijak untuk
mengerti hal ini? Kepada siapakah firman
Tuhan disampaikan supaya dia dapat menguar-
uarkannya? Mengapakah negeri ini binasa dan
gersang seperti gurun sehingga tidak ada yang
melintasinya?

¹³ Firman Tuhan, “Sebabnya mereka
mengabaikan hukum-Ku yang telah Kuberikan
kepada mereka. Mereka tidak mematuhi Aku
dan tidak hidup mengikutinya. ¹⁴ Malah mereka
mengikuti kedegilan hati masing-masing dan
mengikuti para Baal, seperti yang diajarkan
nenek moyang mereka kepada mereka.” ¹⁵ Oleh
sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta,
Allah Israel, “Sesungguhnya, Aku akan memberi

bangsa ini makan tanaman pahit dan minum air beracun. ¹⁶ Aku akan menceraikan mereka di antara bangsa yang tidak dikenal oleh mereka atau oleh nenek moyang mereka. Aku akan menyuruh pedang mengejar mereka sehingga Aku menghapuskan mereka.”

¹⁷ Beginilah firman Tuhan alam semesta,
“Perhatikanlah! Panggillah tukang ratap perempuan supaya mereka datang.
Suruhlah orang menjemput perempuan bijaksana supaya mereka datang.

¹⁸ Biarlah mereka bersegera dan menyaringkan lagu perkabungan kerana kita,
supaya mata kita menitikkan air mata,
dan kelopak mata kita mencururkan air.

¹⁹ Bunyi ratapan perkabungan terdengar dari Sion:

‘Betapa rosaknya kami!

Kami sangat malu!

Kami harus meninggalkan negeri kami,
kerana tempat kediaman kami dirobuhkan orang.’ ”

²⁰ Tetapi dengarlah firman Tuhan, wahai kaum perempuan,
dan biarlah telingamu menerima firman yang disampaikan-Nya sendiri.

Ajarkanlah lagu perkabungan kepada anak-anak perempuanmu,

ajarkanlah ratapan seorang kepada yang lain.

²¹ Maut telah memanjat ke jendela-jendela kita,

masuk ke dalam puri-puri kita,

untuk melenyapkan kanak-kanak daripada jalan,

dan orang muda daripada tempat umum.

²² Katakanlah, “Beginilah firman Tuhan,

‘Mayat manusia akan bergelimpangan

seperti baja kandang di permukaan ladang,

seperti berkas gandum di belakang orang yang menuai,

dan tiada sesiapa yang mengumpulkannya.’ ”

Mengenal Allah kebahagiaan manusia

²³ Beginilah firman Tuhan,

“Janganlah orang bijak bermegah kerana kebijaksanaannya,

janganlah orang kuat bermegah kerana kekuatannya,

janganlah orang kaya bermegah kerana kekayaannya,

²⁴ tetapi sesiapa yang hendak bermegah, biarlah dia bermegah kerana hal ini:

bahawa dia memahami dan mengenal Aku,
bahawa Akulah Tuhan, yang menunjukkan kasih
abadi,
keadilan, dan perbenaran di bumi.
Sesungguhnya, hal-hal itulah yang Kusukai,”
demikianlah firman Tuhan.

²⁵ “Lihatlah, waktunya akan datang,”
demikianlah firman Tuhan, “bahawa Aku
menghukum semua orang yang dikhatankan
kulitnya sahaja, ²⁶ iaitu orang Mesir, orang
Yehuda, orang Edom, bani Amon, orang Moab,
dan semua penghuni di gurun yang memotong
tepi rambut. Semua bangsa itu sebenarnya tidak
bersunat, bahkan hati seluruh keturunan kaum
Israel pun tidak bersunat.”

Allah yang hidup dan berhala

10 ¹ Dengarlah firman yang disampaikan
Tuhan kepadamu, wahai keturunan kaum
Israel! ² Beginilah firman Tuhan,

“Jangan belajar cara hidup bangsa-bangsa lain,
jangan kecut hati melihat tanda-tanda di langit
biarpun bangsa-bangsa itu kecut hati
melihatnya.

³ Sesungguhnya, kebiasaan bangsa-bangsa itu
kesia-siaan sahaja.

Sebatang pokok dari hutan ditebang orang,

lalu tangan seorang tukang mengerjakannya
dengan kapak.

⁴ Orang menghiasnya dengan perak dan emas,
lalu memperkuatnya dengan paku dan palu
supaya tidak goyang.

⁵ Berhala itu sama seperti orang-orangan di
kebun mentimun,
yang tidak dapat berbicara.

Harus ada orang yang mengusungnya
kerana ia tidak dapat melangkah.

Jangan takut kepadanya,
kerana ia tidak dapat berbuat jahat
dan juga tidak dapat berbuat baik.

⁶ Tidak ada yang seperti Engkau, ya Tuhan!
Engkau Maha Besar dan Nama-Mu besar oleh
keperkasaan.

⁷ Siapakah yang tidak takut kepada-Mu,
ya Raja bangsa-bangsa?
Sungguh, sikap itulah yang layak ditujukan
kepada-Mu,

kerana antara semua orang bijak daripada
semua bangsa

dan dalam seluruh kerajaan mereka,
tidak ada yang seperti Engkau.

⁸ Mereka itu semata-mata dungu dan bodoh,
diajar berhala-berhala yang kayu belaka.

⁹ Perak tempaan dibawa dari Tarsis
dan emas dari Ufas.

Berhala itu buatan tukang dan buatan tangan
tukang emas.

Pakaiannya ialah kain biru dan kain ungu,
semuanya buatan para ahli.

¹⁰ Tetapi Tuhan ialah Allah yang benar,
Dialah Allah yang hidup dan Raja yang kekal.
Bumi bergoncang kerana murka-Nya
dan bangsa-bangsa tidak dapat menanggung
amarah-Nya.

¹¹ Beginilah harus kamu katakan kepada
mereka, "Para tuhan^m yang tidak menjadikan
langit dan bumi akan lenyap dari bumi serta dari
kolong langit ini."

¹² Allah menjadikan bumi dengan kuasa-Nya.
Dia menegakkan dunia dengan kebijaksanaan-
Nya
dan membentangkan langit dengan
pengertian-Nya.

¹³ Ketika Dia memperdengarkan suara-Nya,
riuhlah air di langit.
Dia menaikkan kabus dari hujung bumi,
membuat kilat menyertai hujan,
dan mengeluarkan angin daripada
perbendaharaan-Nya.

^m**10:11** Atau: Dewa-dewa.

¹⁴ Semua manusia itu dungu dan tidak berpengetahuan.

Semua tukang emas menjadi malu kerana patung ukiran mereka.

Patung tuangan mereka ialah kebohongan, tidak ada nafas di dalamnya.

¹⁵ Semua itu kesia-siaan, pekerjaan yang menjadi bahan ejekan, yang akan binasa pada waktu dihukum.

¹⁶ Tetapi Dia yang menjadi Pusaka Yakub tidaklah demikian, kerana Dialah yang membentuk segala sesuatu, dan Israel ialah suku harta pusaka-Nya. Tuhan alam semesta, ialah nama-Nya.

Yehuda menjadi sunyi sepi

¹⁷ Kumpulkanlah barang-barangmu dari negeri ini,

wahai orang yang hidup dalam pengepungan,

¹⁸ kerana beginilah firman Tuhan,

“Ketahuilah, kali ini Aku akan melontarkan penduduk negeri ini dan Aku akan menyesakkan mereka,

supaya mereka tahu rasa.”

¹⁹ Malangnya aku kerana lukaku!

Cederaku berat!

Aku berkata, “Sesungguhnya, inilah kesakitan yang harus kutanggung.”

²⁰ Khemahku rosak,
semua talinya putus.

Anak-anakku telah pergi meninggalkan aku dan
tidak ada lagi.

Tidak ada lagi yang akan membentangkan
khemahku

atau memasang kain-kain tiraiku.

²¹ Para gembala menjadi dungu
dan tidak mencari petunjuk Tuhan.

Oleh sebab itu mereka tidak berhasil,
dan seluruh ternakan mereka tercerai-berai.

²² Dengar, suatu khabar datang:

Ada kegemparan besar dari tanah utara
yang akan membuat kota-kota Yehuda menjadi
sunyi sepi,

menjadi sarang kawan-an serigala.

²³ Aku tahu, ya Tuhan, bahawa manusia
tidak berkuasa atas jalan hidup sendiri,
dan orang yang berjalan tidak berkuasa
menetapkan langkahnya.

²⁴ Didiklah aku, ya Tuhan, tetapi dengan
sepatutnya,

jangan dengan murka-Mu,
supaya aku tidak Kautiadakan.

²⁵ Curahkanlah murka-Mu
terhadap bangsa-bangsa yang tidak mengenal
Engkau

dan terhadap kaum yang tidak menyeru
nama-Mu,
kerana mereka telah melahap Yakub.
Mereka melahapnya, menghancurkannya,
dan meranapkan kediamannya.

Perjanjian Allah diingkari

11 ¹Demikianlah firman yang datang
daripada Tuhan kepada Yeremia,
²“Dengarlah kata-kata dalam perjanjian ini
dan sampaikanya kepada orang Yehuda serta
kepada penduduk Yerusalem. ³Katakan kepada
mereka, ‘Beginilah firman Tuhan, Allah Israel:
Terkutuklah orang yang tidak mahu mendengar
kata-kata dalam perjanjian ini, ⁴yang telah
Kuperintahkan kepada nenek moyangmu pada
waktu Aku membawa mereka keluar dari
Tanah Mesir, negeri bak relau peleburan besi.
Firman-Ku: Patuhilah Aku dan bertindaklah
menurut segala sesuatu yang Kuperintahkan
kepadamu, maka kamu akan menjadi umat-Ku
dan Aku akan menjadi Allahmu. ⁵Dengan begitu
Aku akan menepati sumpah yang telah Kuberikan
kepada nenek moyangmu untuk mengurniakan
sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan
madu kepada mereka, sebagaimana nyata pada
hari ini.’ ”

Lalu aku menjawab, “Amin, ya Tuhan!”

⁶ Firman Tuhan kepadaku, “Serukanlah semua kata ini di kota-kota Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem. Katakan, ‘Dengarlah kata-kata dalam perjanjian ini dan lakukannya!’ ⁷ Aku sungguh-sungguh mengingatkan nenek moyangmu pada waktu Aku membawa mereka keluar dari Tanah Mesir. Sampai hari ini pun Aku terus-menerus mengingatkan mereka demikian, “Patuhilah Aku.” ⁸ Tetapi mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu memasang telinga. Sebaliknya, setiap orang mengikuti kedegilan hatinya yang jahat. Oleh sebab itu Aku mendatangi mereka segala kata perjanjian ini, yang telah Kuperintahkan untuk dilakukan tetapi tidak dilakukan mereka.’ ”

⁹ Tuhan berfirman kepadaku, “Ada suatu persekongkolan antara orang Yehuda dan penduduk Yerusalem. ¹⁰ Mereka telah berpaling kepada kesalahan nenek moyang mereka yang tidak mahu mendengar firman-Ku. Mereka mengikuti tuhan lain untuk beribadat kepada tuhan-tuhan itu. Keturunan kaum Israel dan keturunan kaum Yehuda telah mengingkari perjanjian-Ku, yang telah Kuikat dengan nenek moyang mereka.” ¹¹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, “Ketahuilah, Aku akan mendatangkan atas mereka malapetaka yang tidak dapat dielakkan oleh mereka. Mereka akan berseru kepada-Ku, tetapi Aku tidak akan

mendengar mereka. ¹² Kota-kota Yehuda dan penduduk Yerusalem akan pergi dan berseru kepada tuhan-tuhan yang disembah mereka dengan membakar dupa, tetapi semua itu sama sekali tidak dapat menyelamatkan mereka pada masa kesusahan mereka. ¹³ Sebanyak jumlah kotamu, demikianlah banyaknya tuhanmu, wahai Yehuda. Sebanyak jalan di Yerusalem, demikianlah banyaknya mazbah yang kamu dirikan bagi berhala kehinaan itu, iaitu mazbah dupa bagi Baal. ¹⁴ Mengenai engkau, jangan berdoa bagi bangsa ini. Jangan panjatkan permohonan atau doa bagi mereka, kerana Aku tidak mahu mendengar pada waktu mereka berseru kepada-Ku dalam kesusahan mereka.

¹⁵ Apakah urusan dia yang Kukasihi di dalam Bait-Ku, sedangkan dia mengerjakan muslihat dengan ramai orang dan daging yang suci sudah hilang daripadanya? Apabila engkau berbuat jahat, barulah engkau bersuka ria. ¹⁶ Tuhan pernah memberimu nama: 'Pokok zaitun rimbun yang elok rupa buahnya.' Tetapi dengan bunyi keriuhan yang besar Dia akan menyalakannya dengan api, dan ranting-rantingnya pun akan patah.

¹⁷ Tuhan alam semesta, yang menanam engkau, telah menentukan malapetaka terhadapmu kerana kejahatan yang dilakukan keturunan

kaum Israel dan keturunan kaum Yehuda; mereka membangkitkan murka-Ku dengan membakar dupa kepada Baal.”

Nyawa Yeremia terancam di Anatot

¹⁸ Tuhan telah memberitahukan hal itu kepadaku, sehingga aku mengetahuinya. Pada waktu itu Engkau, ya Allah, menunjukkan perbuatan mereka kepadaku. ¹⁹ Tetapi aku ini seperti anak domba jinak yang dibawa untuk disembelih. Aku tidak tahu bahawa mereka membuat rancangan untuk menentang aku. Kata mereka,

“Mari kita musnahkan pokok itu dengan buahnya!

Mari kita lenyapkan dia dari negeri orang yang hidup,

supaya namanya tidak diingat lagi!”

²⁰ Ya Tuhan alam semesta,

yang menghakimi dengan benar,

yang menguji batin dan hati,

biarlah kulihat pembalasan-Mu terhadap mereka,

kerana kepada-Mulah kunyatakan perkaraku.

²¹ “Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan tentang orang Anatot yang mengancam nyawamu dengan berkata, ‘Jangan bernubuat atas nama Tuhan, supaya jangan engkau mati

oleh tangan kami' – ²² sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Sesungguhnya, Aku akan menghukum mereka. Orang muda akan mati oleh pedang, anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan akan mati oleh bencana kebuluran. ²³ Tidak akan ada yang tersisa daripada mereka, kerana Aku akan mendatangkan malapetaka kepada orang Anatot pada tahun penghukuman mereka.' ”

Keluhan Yeremia

12 ¹ Engkaulah yang benar, ya Tuhan, apabila aku berbantah dengan Engkau. Namun demikian, aku ingin berbicara dengan Engkau tentang keadilan: Mengapakah hidup orang fasiq beruntung? Mengapakah semua orang yang berbuat khianat tenang sahaja?

² Engkau menanam mereka, dan mereka pun berakar. Mereka tumbuh, bahkan menghasilkan buah. Engkau dekat di mulut mereka, tetapi jauh daripada batin mereka.

³ Engkau mengenal aku, ya Tuhan. Engkau melihat aku dan menguji bagaimana hatiku terhadap Engkau. Seretlah mereka keluar seperti domba yang akan disembelih,

dan khususkanlah mereka untuk hari
penyembelihan.

⁴ Berapa lama lagi negeri ini akan berkabung
dan tumbuh-tumbuhan layu di segala padang?
Kerana kejahatan penduduknya, binatang dan
burung pun lenyap.

Orang itu berfikir, “Dia tidak akan melihat
kesudahan kita.”

Jawapan Allah

⁵ “Jika dalam perlumbaan lari dengan pejalan
kaki sahaja engkau sudah kelelahan,
bagaimanakah engkau dapat bertanding
melawan kuda?

Jika engkau mengharapkan negeri yang damai,
apa yang akan kaulakukan di semak belukar
Sungai Yordan?

⁶ Malah para saudaramu dan kaum keluargamu
sendiri –

mereka mengkhianati engkau,
mereka berseru kuat-kuat di belakangmu.
Jangan percayai mereka, sekalipun mereka
berbicara manis kepadamu.

⁷ Aku telah membengkalaikan Bait-Ku,
dan telah membuang harta pusaka-Ku.
Aku telah menyerahkan buah hati-Ku
ke dalam tangan musuhnya.

⁸ Harta pusaka-Ku telah menjadi seperti singa di hutan bagi-Ku.

Diperdengarkannya ngaumannya menentang Aku,

sebab itu Aku membencinya.

⁹ Masakan harta pusaka-Ku menjadi seperti helang borek bagi-Ku?

Masakan burung pemangsa mengerumuninya?

Pergilah, kumpulkanlah segala binatang liar, dan bawalah semua itu untuk melahapnya!

¹⁰ Ramai gembala merosakkan kebun anggur-Ku.

Mereka menginjak-injak tanah-Ku,

dan membuat tanah-Ku yang indah menjadi tanah tandus yang sunyi sepi.

¹¹ Mereka telah menjadikannya sunyi,

sunyi sepi dan berkabung di hadapan-Ku!

Seluruh negeri sunyi,

kerana tidak ada orang yang ambil peduli.

¹² Para pembinasas datang ke atas semua bukit gondol di gurun,

kerana pedang Tuhan melahap hujung negeri yang satu sampai ke hujung yang lain.

Tidak ada damai bagi semua manusia.

¹³ Mereka menabur gandum, tetapi menuai semak duri.

Mereka bersusah payah tanpa mendapat faedah.

Berasa malulah kerana hasil tanahmu,
kerana murka Tuhan yang menyala-nyala.”

¹⁴ Beginilah firman Tuhan, “Mengenai semua tetangga-Ku yang jahat, yang mengusik harta pusaka yang telah Kukurniakan kepada umat-Ku Israel, sesungguhnya Aku akan mencabut mereka dari tanah mereka dan Aku akan mencabut keturunan kaum Yehuda dari tengah-tengah mereka. ¹⁵ Tetapi nanti, setelah Aku mencabut mereka, Aku akan kembali mengasihani mereka. Aku akan mengembalikan mereka kepada harta pusaka masing-masing dan ke negeri masing-masing. ¹⁶ Nanti, jika mereka sungguh-sungguh belajar cara hidup umat-Ku sehingga bersumpah demi nama-Ku, ‘Demi Tuhan yang hidup’ – sebagaimana dahulu mereka mengajar umat-Ku untuk bersumpah demi Baal – maka mereka akan dibangun di tengah-tengah umat-Ku. ¹⁷ Tetapi jika mereka tidak mahu mendengar, maka Aku akan sungguh-sungguh mencabut bangsa yang demikian dan membinasakannya,” demikianlah firman Tuhan.

Ikut pinggang yang jadi lapuk

13 ¹ Beginilah firman Tuhan kepadaku, “Pergilah, belilah ikat pinggang daripada kain linen. Kenakannya pada pinggangmu, tetapi jangan sampai terkena air!” ² Maka aku pun

membeli ikat pinggang selaras dengan firman Tuhan, lalu mengenakannya pada pinggangku.

³ Kemudian untuk kali kedua datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ⁴ “Ambillah ikat pinggang yang telah kaubeli, yang ada pada pinggangmu itu. Segeralah pergi ke Sungai Efrat, dan sembunyikanlah ikat pinggang itu di sana, di celah-celah bukit batu.” ⁵ Maka pergilah aku menyembunyikan ikat pinggang itu di tepi Sungai Efrat, seperti yang diperintahkan Tuhan kepadaku.

⁶ Setelah beberapa hari lamanya, Tuhan berfirman kepadaku, “Segeralah pergi ke Sungai Efrat dan ambillah dari sana ikat pinggang yang Kusuruh kasembunyikan di sana!” ⁷ Maka aku pun pergi ke Sungai Efrat. Kulakukan penggalian dan kuambil ikat pinggang itu dari tempat aku menyembunyikannya. Ternyata ikat pinggang itu sudah lapuk, tidak berguna untuk apa-apa pun.

⁸ Kemudian datanglah firman Tuhan kepadaku, ⁹ “Beginilah firman Tuhan, ‘Demikianlah kelak Kutiadakan kesombongan Yehuda dan kesombongan besar Yerusalem. ¹⁰ Bangsa yang durjana ini – yang enggan mendengar firman-Ku, yang menuruti kedegilan hati dan mengikuti tuhan-tuhan lain untuk beribadat serta sujud menyembah tuhan-tuhan itu – akan menjadi seperti ikat pinggang ini, yang tidak berguna

untuk apa-apa pun. ¹¹ Seperti ikat pinggang yang melekat pada pinggang seseorang, demikianlah tadinya Aku melekatkan seluruh keturunan kaum Israel dan seluruh keturunan kaum Yehuda pada-Ku,' demikianlah firman Tuhan, 'supaya mereka menjadi umat yang ternama, terpuji, serta terhormat bagi-Ku. Tetapi mereka tidak mahu mendengar.' ”

Buyung anggur yang dipecahkan

¹² “Katakanlah kepada mereka firman ini, 'Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Setiap buyung harus dipenuhi dengan air anggur.' Jika mereka berkata kepadamu, 'Tidakkah kami tahu bahawa setiap buyung harus dipenuhi dengan air anggur?' ¹³ maka katakanlah kepada mereka, 'Beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku akan memenuhi seluruh penduduk negeri ini – raja yang duduk di atas takhta Daud, imam, nabi, dan seluruh penduduk Yerusalem – dengan kemabukan. ¹⁴ Aku akan menghempaskan mereka atas satu sama lain, ayah dan anak sekali gus, demikianlah firman Tuhan. Aku akan membinasakan mereka tanpa rasa sayang, tanpa rasa hiba, dan tanpa belas kasihan.”

Peringatan dan ancaman

¹⁵ Dengarlah dan pasanglah telingamu! Jangan sombong,

kerana Tuhan telah berfirman.

¹⁶ Muliakanlah Tuhan, Allahmu, sebelum Dia mendatangkan kegelapan dan sebelum kakimu tersandung di atas pergunungan pada waktu senja.

Kamu mengharapkan cahaya, tetapi Dia mengubahnya menjadi bayang-bayang maut.

Dia menjadikannya kelam pekat.

¹⁷ Tetapi jika kamu tidak mahu mendengar, aku akan menangisi kesombonganmu di tempat tersembunyi.

Aku akan menangis tersedu-sedu dan menitiskan air mata, kerana kawanannya domba Tuhan telah ditawan.

¹⁸ Katakanlah kepada raja dan kepada bonda permaisuri,

“Duduklah di tempat yang rendah kerana perhiasan kepalamu telah diturunkan, iaitu mahkota kemuliaanmu.”

¹⁹ Kota-kota di Tanah Negeb ditutup dan tidak ada yang dapat membukanya. Seluruh Yehuda diangkut ke tempat pembuangan,

semuanya diangkut ke tempat pembuangan.

²⁰ Layangkanlah pandangan dan lihatlah orang yang datang dari utara!

Di manakah kawanan ternak yang diberikan kepadamu,

kawanan domba yang kaumegahkan itu?

²¹ Apakah yang akan kaukatakan apabila diangkat menjadi kepalamu orang yang kaulatih menjadi sekutumu?

Tidakkah rasa sakit akan mencengkam engkau seperti halnya perempuan yang bersalin?

²² Jika engkau bertanya-tanya dalam hatimu, "Mengapa hal-hal ini terjadi kepadaku?"

Itu terjadi kerana banyaknya kesalahanmu, sehingga hujung kainmu disingkapkan dan engkau diperkosa.

²³ Dapatkah orang Ethiopia mengubah kulitnya, atau harimau bintang mengubah bintiknya? Jika dapat, maka kamu pun yang biasa berbuat jahat akan dapat berbuat baik.

²⁴ "Aku akan menceraikan mereka seperti tunggul jerami yang diterbangkan angin gurun.

²⁵ Inilah nasibmu, bahagian yang telah Kutakar untukmu,"

demikianlah firman Tuhan,

"kerana engkau telah melupakan Aku dan mempercayai dusta.

²⁶ Aku pun akan menyingkapkan hujung kainmu sampai ke mukamu sehingga aibmu kelihatan,

²⁷ iaitu perzinaanmu dan ringkikan berahimu, persundalanmu yang lucah di atas bukit-bukit di padang.

Aku telah melihat perbuatanmu yang menjijikkan itu.

Malangnya engkau, wahai Yerusalem!

Berapa lama lagi engkau tidak mahu disucikan?"

Mengenai musim kemarau

14 ¹ Demikianlah firman Tuhan yang turun kepada Yeremia tentang musim kemarau,

² "Yehuda berkabung, pintu-pintu gerbangnya merana dan berdukacita sambil terduduk di tanah, jeritan Yerusalem naik ke langit.

³ Bangsawan menyuruh para hamba mereka mencari air.

Mereka pergi ke perigi-perigi tetapi tidak mendapatkan air,

lalu pulang dengan wadah kosong.

Mereka kecewa dan malu,

lalu menyelubungi kepala mereka.

⁴ Tanah retak,

kerana hujan tidak turun di negeri.

Petani kecewa,

lalu menyelubungi kepala mereka.

⁵ Bahkan rusa betina di padang beranak lalu meninggalkan anaknya, kerana tidak ada rumput muda.

⁶ Keldai liar berdiri di atas bukit-bukit gondol, terengah-engah seperti serigala.

Matanya sayu, sebab tidak ada tumbuh-tumbuhan.”

⁷ Sekalipun kesalahan-kesalahan kami bersaksi menentang kami,

bertindaklah demi nama-Mu, ya Tuhan, kerana banyak kemurtadan kami.

Kami telah berdosa terhadap-Mu.

⁸ Ya Pengharapan orang Israel,

Penyelamat Israel pada masa kesesakan, mengapakah Engkau seperti pendatang di negeri ini,

seperti orang dalam perjalanan yang hanya singgah untuk bermalam?

⁹ Mengapakah Engkau seperti orang yang terperanjat,

seperti kesateria yang tidak sanggup menyelamatkan?

Padahal Engkau hadir antara kami, ya Tuhan, dan kami disebut atas nama-Mu.

Janganlah tinggalkan kami!”

¹⁰ Beginilah firman Tuhan tentang bangsa ini, “Memang mereka suka mengembara

dan tidak menahan kaki mereka.

Oleh sebab itu Tuhan tidak berkenan kepada mereka.

Sekarang, Dia akan mengingati kesalahan mereka dan menghukum dosa mereka.”

¹¹ Firman Tuhan kepadaku, “Jangan berdoa untuk kebaikan bangsa ini! ¹² Sekalipun mereka berpuasa, Aku tidak akan mendengar permohonan mereka. Sekalipun mereka mempersembahkan korban bakaran dan persembahan bahan makanan, Aku tidak akan berkenan kepada mereka. Sebaliknya, Aku akan menghapuskan mereka dengan pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit.”

¹³ Lalu aku berkata, “Aduh, ya Tuhan Allah, sesungguhnya para nabi telah berkata kepada mereka, ‘Kamu tidak akan melihat pedang dan tidak akan mengalami bencana kebuluran, tetapi Aku akan mengurniakan kepadamu kedamaian yang terjamin di tempat ini.’ ”

¹⁴ Firman Tuhan kepadaku, “Para nabi itu menyampaikan nubuat dusta atas nama-Ku! Aku tidak mengutus mereka, tidak memerintahkan mereka, dan tidak berfirman kepada mereka. Nubuat yang diberikan mereka kepadamu adalah daripada penglihatan bohong, tenungan kosong, dan tipu daya hati mereka sendiri. ¹⁵ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan mengenai

para nabi yang menyampaikan nubuat atas nama-Ku itu: Aku tidak mengutus mereka, tetapi mereka berkata, 'Pedang dan bencana kebuluran tidak akan melanda negeri ini.' Para nabi itu akan dilenyapkan oleh pedang dan bencana kebuluran. ¹⁶ Rakyat yang menerima nubuat mereka akan dicampakkan ke jalan-jalan Yerusalem oleh bencana kebuluran dan pedang. Tidak ada yang akan menguburkan mereka, isteri mereka, anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan. Aku akan mencurahkan kejahatan mereka ke atas mereka."

¹⁷ Sampaikanlah perkataan ini kepada mereka, "Biarlah mataku menitikkan air mata siang dan malam tanpa henti, kerana perawan, puteri bangsaku, mendapat luka parah, cedera yang amat berat.

¹⁸ Jika aku keluar ke padang, tampaklah orang yang terbunuh oleh pedang. Jika aku memasuki kota, tampaklah orang yang menderita oleh bencana kebuluran.

Baik nabi mahupun imam berkelana ke negeri yang tidak dikenali mereka."

¹⁹ Adakah Engkau sudah menolak Yehuda sama sekali?

Adakah hati-Mu sudah muak kepada Sion?

Mengapa Engkau memukul kami,
sehingga tidak ada penyembuhan bagi kami?
Kami mengharapkan damai, tetapi tidak ada
sesuatu yang baik,
mengharapkan waktu penyembuhan, tetapi
hanya ada kengerian.

²⁰ Ya Tuhan, kami menyadari kefasiqan kami
dan kesalahan nenek moyang kami.
Sungguh, kami telah berdosa terhadap Engkau.

²¹ Demi nama-Mu, janganlah kiranya Engkau
menolak kami,
jangan hinakan takhta kemuliaan-Mu.
Ingatlah kiranya perjanjian-Mu dengan kami,
jangan batalkan.

²² Adakah antara berhala bangsa-bangsa itu
yang dapat menurunkan hujan?
Dapatkah langit sendiri menurunkan hujan
lebat?

Bukankah Engkau yang membuatnya, ya Tuhan
Allah kami?

Kami berharap kepada-Mu,
kerana Engkaulah yang membuat semua itu.

15 ¹ Tuhan berfirman kepadaku, “Sekalipun
Musa dan Samuel menghadap hadirat-Ku,
hati-Ku tidak akan tertuju kepada bangsa ini.
Nyahkanlah mereka dari hadirat-Ku, biarlah

mereka pergi! ² Nanti, apabila mereka bertanya kepadamu, 'Ke manakah kami harus pergi?'

jawablah mereka, 'Beginilah firman Tuhan,

“Yang ke maut, ke mautlah!

Yang ke pedang, ke pedanglah!

Yang ke bencana kebuluran, ke bencana kebuluranlah!

Yang ke tempat penawanan, ke tempat penawananlah!”

³ “Aku akan menentukan empat bencana terhadap mereka,” demikianlah firman Tuhan, “pedang untuk membunuh, anjing untuk menyeret-nyeret, burung di udara dan binatang di bumi untuk membaham serta memusnahkan.

⁴ Aku akan menjadikan mereka suatu bahan kengerian bagi semua kerajaan di bumi kerana hal yang dilakukan Manasye anak Hizkia, raja Yehuda, di Yerusalem.”

Kengerian yang ditimbulkan perang

⁵ “Siapakah yang akan berbelas kasihan terhadap engkau, wahai Yerusalem?

Siapakah yang akan berdukacita kerana engkau?

Siapakah yang akan singgah bertanyakan khabarmu?

⁶ Engkau telah menolak Aku,”
demikianlah firman Tuhan,
“engkau berpaling pergi.

Oleh sebab itu Aku menghulurkan tangan-Ku
untuk melawan dan membinasakan
engkau.

Aku tidak lagi berbelas kasihan.

⁷ Aku menampi mereka dengan nyiru di
pintu-pintu gerbang negeri itu.

Aku membuat mereka kehilangan anak, Aku
membinasakan umat-Ku.

Mereka tidak juga bertaubat daripada perilaku
mereka.

⁸ Aku membuat bilangan balu mereka lebih
banyak daripada pasir di laut.

Aku mendatangkan pembinasaa pada tengah
hari

kepada ibu anak-anak muda.

Dengan tiba-tiba Aku menimpakan terhadap
mereka

kesakitan dan kegerunan.

⁹ Meranalah perempuan yang sudah tujuh kali
bersalin,

dan menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Mataharinya terbenam sedangkan hari masih
siang,

dia mendapat malu dan cela.

Sisa mereka akan Kuserahkan kepada pedang

di depan musuh-musuh mereka,”
demikianlah firman Tuhan.

Pergelutan jiwa Yeremia

¹⁰ Malangnya aku, ya ibuku,
kerana engkau melahirkan aku,
seorang yang menjadi pokok perbantahan,
seorang yang menjadi pokok pertengkaran bagi
seluruh negeri.

Aku tidak memberi hutang,
dan juga aku tidak berhutang,
tetapi mereka semua mengutuk aku.

¹¹ Firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan
membebaskan engkau demi yang baik.
Aku akan membuat musuhmu bermohon
kepadamu
pada masa kesusahan dan pada masa
kesesakan.

¹² Dapatkah orang mematahkan besi, iaitu besi
dari utara, atau gangsa?

¹³ Harta kekayaanmu dan perbendaharaanmu
akan Kuserahkan sebagai rampasan,
tanpa harga, kerana segala dosamu di seluruh
daerahmu.

¹⁴ Aku akan membuat musuh-musuhmu
membawanya ke negeri yang tidak
kaukenali,

kerana dalam murka-Ku telah tercetus api yang akan menyala terhadapmu.”

¹⁵ Engkau Maha Mengetahui, ya Tuhan, ingatlah dan lawatlah kiranya aku.

Adakanlah pembalasan bagiku terhadap orang yang mengejar aku.

Jangan cabut nyawaku,
kerana Engkau panjang sabar.

Ketahuiilah bahawa aku menanggung celaan kerana Engkau.

¹⁶ Ketika kudapati firman-Mu, aku menikmatinya.

Firman-Mu ialah kegirangan bagiku dan kesukaan hatiku,

kerana nama-Mu telah diserukan atasku ya Tuhan, Allah alam semesta.

¹⁷ Aku tidak pernah duduk dalam kumpulan orang yang bersenda gurau atau bersuka ria.

Kerana tekanan tangan-Mu aku duduk sendirian,

sebab Engkau telah memenuhi aku dengan geram.

¹⁸ Mengapa deritaku terus berlanjutan dan lukaku sangat parah,

tidak mahu sembuh?

Sungguh, Engkau seperti sungai yang menipu bagiku,

air yang tidak dapat diharapkan.

¹⁹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan,
“Jika engkau mahu bertaubat,
maka Aku akan memulihkan engkau sehingga
engkau dapat mengabdikan diri
kepada-Ku.

Jika engkau mengutarakan apa yang berharga,
bukan apa yang hina,
maka engkau akan menjadi penyambung lidah
bagi-Ku.

Orang akan kembali kepadamu,
tetapi engkau tidak perlu kembali kepada
mereka.

²⁰ Terhadap bangsa ini Aku akan menjadikan
engkau tembok berkubu daripada gangsa.
Mereka akan berperang melawan engkau
tetapi tidak akan menewaskan engkau,
kerana Aku menyertai engkau untuk
menyelamatkan dan melepaskan engkau,”
demikianlah firman Tuhan.

²¹ “Aku akan melepaskan engkau daripada
tangan orang jahat,
Aku akan menebus engkau daripada
genggaman orang kejam.”

Hukuman Allah terhadap bangsa itu

16 ¹ Firman Tuhan datang kepadaku
demikian, ² “Jangan nikahi seorang

perempuan dan jangan punyai anak lelaki atau anak perempuan di tempat ini.”³ Sebabnya beginilah firman Tuhan mengenai anak lelaki dan anak perempuan yang dilahirkan di tempat ini, mengenai ibu-ibu yang melahirkan mereka, dan mengenai ayah-ayah yang mendapatkan mereka di negeri ini:⁴ “Mereka akan mati oleh penyakit yang membawa maut. Mereka tidak akan diratapi dan tidak akan dikuburkan, melainkan akan menjadi baja kandang di permukaan tanah. Mereka akan dibinasakan oleh pedang dan oleh bencana kebuluran. Mayat mereka akan menjadi makanan burung-burung di udara dan binatang-binatang di bumi.”

⁵ Beginilah firman Tuhan, “Jangan masuk ke rumah yang ada perkabungan, jangan pergi meratap, dan jangan berdukacita kerana mereka, oleh sebab Aku telah menarik damai-Ku daripada bangsa ini,” demikianlah firman Tuhan, “begitu pula kasih abadi dan rahmat-Ku.”⁶ Besar ataupun kecil akan mati di negeri ini tanpa dikuburkan. Tidak ada yang akan meratapi mereka, tidak ada yang akan menoreh-noreh diri, dan tidak ada yang akan menggondolkan kepala kerana mereka.⁷ Tidak ada yang akan membahagi-bahagikan roti kepada orang yang berkabung untuk menghibur dia kerana kematian itu. Tidak ada yang akan memberi dia minum

dari cawan penghiburan sehubungan dengan kematian ayah atau ibunya.

⁸ Jangan masuk ke tempat perjamuan untuk duduk makan dan minum dengan mereka.”

⁹ Kerana beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, “Sesungguhnya, di tempat ini, di hadapan matamu dan pada zamanmu, Aku akan menghentikan suara kegirangan dan suara kegembiraan, suara pengantin lelaki dan suara pengantin perempuan.

¹⁰ Nanti, apabila engkau memberitahukan segala firman ini kepada bangsa itu lalu mereka bertanya kepadamu, ‘Mengapakah Tuhan menyatakan segala malapetaka besar ini kepada kami? Apakah kesalahan kami? Apa dosa yang telah kami lakukan terhadap Tuhan, Allah kami?’ ¹¹ Maka jawablah mereka, ‘Kerana nenek moyangmu meninggalkan Aku,’ demikianlah firman Tuhan, ‘dan mengikuti tuhan-tuhan lain, beribadat serta sujud menyembah tuhan-tuhan itu. Mereka meninggalkan Aku dan tidak berpegang teguh pada hukum-Ku. ¹² Kamu sendiri berbuat lebih banyak jahat daripada nenek moyangmu. Lihatlah, setiap orang menuruti kedegilan hatinya yang jahat, dan tidak mendengar Aku. ¹³ Oleh sebab itu Aku akan

melemparkan kamu dari negeri ini ke negeri yang tidak kaukenali atau dikenali oleh nenek moyangmu. Di sana kamu akan beribadat kepada tuhan-tuhan lain, siang dan malam, kerana Aku tidak akan menunjukkan belas kasihan kepadamu.’ ”

¹⁴ “Oleh sebab itu ketahuilah, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa tidak lagi akan dikatakan, ‘Demi Tuhan yang hidup, yang menuntun bani Israel keluar dari Tanah Mesir,’ ¹⁵ tetapi, ‘Demi Tuhan yang hidup, yang menuntun bani Israel keluar dari tanah utara dan dari segala negeri tempat Dia menghalau mereka.’ Aku akan membawa mereka kembali ke tanah yang telah Kukurniakan kepada nenek moyang mereka.”

¹⁶ “Sesungguhnya, Aku akan menyuruh ramai penangkap ikan,” demikianlah firman Tuhan, “untuk menangkap mereka. Setelah itu, Aku akan menyuruh ramai pemburu untuk memburu mereka dari semua gunung, dari semua bukit, dan dari celah-celah bukit batu. ¹⁷ Pandangan-Ku tertuju pada segala perilaku mereka. Semuanya tidak tersembunyi dari hadirat-Ku, dan kesalahan mereka pun tidak terlindung daripada pandangan-Ku. ¹⁸ Mula-mula Aku akan membalas kesalahan dan dosa mereka dua kali ganda, kerana mereka telah menajiskan

tanah-Ku dengan tuhan mereka yang menjijikkan dan mati, dan telah memenuhi harta pusaka-Ku dengan kekejian mereka.”

¹⁹ Ya Tuhan, kekuatanku dan bentengku, tempat pelarianku pada hari kesesakan, kepada-Mu bangsa-bangsa akan datang dari hujung-hujung bumi dan berkata, “Sungguh, yang diwarisi nenek moyang kami hanyalah kebohongan, berhala yang sia-sia dan tidak berfaedah.

²⁰ Dapatkah manusia membuat tuhan bagi diri mereka?

Yang demikian bukan Tuhan!”

²¹ “Oleh sebab itu ketahuilah, Aku akan memberitahu mereka, ya, kali ini Aku akan memberitahu mereka tentang kuasa dan keperkasaan-Ku, supaya mereka tahu bahawa nama-Ku Tuhan.”

Pergelutan nabi kerana bangsa yang berdosa

17 ¹ “Dosa Yehuda sudah tertulis dengan pena besi bermata intan, terukir pada loh hati mereka dan pada tanduk-tanduk mazbah mereka,

² sementara anak-anak mereka mengenang mazbah dan patung Asyera mereka di samping pokok-pokok yang rimbun, di atas bukit-bukit yang tinggi.

³ Wahai gunung-Ku yang di padang,
Aku akan menyerahkan kekayaanmu dan segala
perbendaharaanmu sebagai rampasan,
begitu pula bukit-bukit pemujaanmu,
kerana dosa di seluruh daerahmu.

⁴ Kerana kesalahanmu sendiri,
engkau harus melepaskan harta pusakamu
yang telah Kukurniakan kepadamu.
Aku akan membuat engkau menjadi hamba
kepada musuh-musuhmu di negeri yang
tidak kaukenali,
kerana dalam murka-Ku telah tercetus api yang
akan menyala untuk selama-lamanya.”

⁵ Beginilah firman Tuhan,
“Terkutuklah orang yang bergantung pada
manusia,
yang bergantung pada kekuatan sendiri,
dan yang hatinya berpaling daripada Tuhan.

⁶ Dia akan menjadi seperti semak di gurun.
Ketika hal yang baik datang, dia tidak
melihatnya.

Dia akan mendiami tempat-tempat yang
gersang di gurun,
di padang garam yang tidak dihuni.

⁷ Diberkatilah orang yang bergantung pada
Tuhan,
yang menaruh kepercayaannya pada Tuhan.

⁸ Dia akan seperti pokok yang ditanam di tepi air,

yang merambat akar-akarnya ke tepi sungai.

Dia tidak takut ketika panas datang,

daun-daunnya tetap hijau.

Dia tidak khawatir pada tahun kemarau,

dan tidak akan berhenti menghasilkan buah.”

⁹ Hati itu licik melebihi segala sesuatu,

bahkan sangat parah – siapa dapat

mengetahuinya?

¹⁰ “Aku, Tuhan, menyelidiki hati

dan menguji batin.

Aku mengganjar setiap orang selaras dengan

perilakunya

dan setimpal dengan hasil perbuatannya.”

¹¹ Seperti ayam hutan mengeram telur yang

bukan telurnya,

demikianlah orang yang mengumpulkan

kekayaan secara tidak halal.

Pada pertengahan usianya, semua itu akan

hilang,

dan pada akhir hidupnya, nyatalah bahawa dia

orang bodoh.

¹² Takhta kemuliaan yang luhur sejak mula-mula

lagi

ialah tempat suci kita!

¹³ Ya Tuhan, Pengharapan orang Israel,
semua orang yang meninggalkan Engkau akan
malu.

Orang yang menjauh daripada-Mu akan lenyap
seperti tulisan di atas tanah,
sebab mereka telah meninggalkan Tuhan, mata
air yang hidup.

¹⁴ Sembuhkanlah aku, ya Tuhan,
maka aku akan sembuh.

Selamatkanlah aku, maka aku akan selamat,
kerana Engkaulah yang kupuji.

¹⁵ Lihatlah, mereka berkata kepadaku,
“Di manakah firman Tuhan?
Biarlah firman itu sampai!”

¹⁶ Aku tidak lari daripada pekerjaan sebagai
gembala-Mu,
aku tidak mengharapkan hari kemalangan.
Engkau tahu apa yang terucap daripada bibirku,
hal itu nyata di hadapan-Mu.

¹⁷ Janganlah Engkau menjadi kengerian bagiku,
Engkaulah perlindunganku pada hari
kesusahan.

¹⁸ Biarlah orang yang mengejarku malu,
tetapi jangan sampai aku menjadi malu.
Biarlah mereka kecut hati,
tetapi jangan sampai aku menjadi kecut hati.
Timpakanlah hari kesusahan itu terhadap
mereka,

hancurkanlah mereka dengan kehancuran berganda.

Kesucian hari Sabat harus dijaga

¹⁹ Beginilah firman Tuhan kepadaku, “Pergilah dan berdirilah di Pintu Gerbang Anak Bangsa, tempat raja-raja Yehuda keluar masuk, dan di semua pintu gerbang Yerusalem. ²⁰ Katakan kepada mereka, ‘Dengarlah firman Tuhan, wahai raja-raja Yehuda, wahai semua orang Yehuda, dan seluruh penduduk Yerusalem yang masuk melalui pintu-pintu gerbang ini. ²¹ Beginilah firman Tuhan: Berjaga-jagalah demi nyawamu! Jangan mengangkut barang pada hari Sabat dan membawanya melalui pintu-pintu gerbang Yerusalem. ²² Jangan mengeluarkan barang dari rumahmu pada hari Sabat dan jangan lakukan suatu pekerjaan, melainkan jagalah kesucian hari Sabat seperti yang Kuperintahkan kepada nenek moyangmu. ²³ Namun mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu memberikan perhatian. Mereka bahkan mengeraskan hati sehingga tidak mahu mendengar dan tidak mahu menerima pengajaran.

²⁴ Jika kamu bersungguh-sungguh mendengar Aku, demikianlah firman Tuhan, untuk tidak

membawa barang melalui pintu-pintu gerbang kota ini pada hari Sabat, melainkan menjaga kesucian hari Sabat dengan tidak melakukan pekerjaan pada hari itu, ²⁵ maka melalui pintu-pintu gerbang kota ini akan masuk raja dan pembesar yang akan duduk di atas takhta Daud. Mereka dan para pembesar mereka akan mengenderai rata dan kuda dengan diiringi orang Yehuda serta penduduk Yerusalem. Kota ini akan dihuni untuk selama-lamanya. ²⁶ Orang akan berdatangan dari kota-kota Yehuda dan dari sekitar Yerusalem, dari Tanah Benyamin, dari dataran rendah, dari pergunungan, dan dari Tanah Negeb dengan membawa korban bakaran, korban sembelihan, persembahan bahan makanan, kemenyan, serta korban syukur ke Bait Tuhan. ²⁷ Tetapi jika kamu tidak mahu mendengar Aku untuk menjaga kesucian hari Sabat dan untuk tidak mengangkut masuk barang melalui pintu-pintu gerbang Yerusalem pada hari Sabat, maka Aku akan menyalakan api di pintu-pintu gerbangnya. Api itu akan melahap puri-puri Yerusalem tanpa dapat dipadamkan.' ”

Pengajaran daripada pekerjaan tukang periuk

18 ¹Demikianlah firman yang turun daripada Tuhan kepada Yeremia, ²“Segeralah pergi ke rumah tukang periuk. Di sana Aku

akan memperdengarkan firman-Ku kepadamu.”

³ Maka pergilah aku ke rumah tukang periuk, dan tampak dia sedang melakukan pekerjaan di atas pelarikan. ⁴ Kalau bejana yang dibuatnya daripada tanah liat itu rosak di tangannya, maka tukang periuk itu mengerjakannya kembali untuk menjadi bejana lain, menurut apa yang dipandang baik olehnya.

⁵ Lalu datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ⁶ “Tidak dapatkah Aku berbuat terhadap kamu seperti tukang periuk ini, wahai keturunan kaum Israel?” demikianlah firman Tuhan. “Sesungguhnya, seperti tanah liat di tangan tukang periuk, demikianlah kamu di tangan-Ku, wahai keturunan kaum Israel!

⁷ Ada kalanya Aku berfirman bahawa Aku akan mencabut, merobohkan, dan membinasakan sesuatu bangsa atau sesuatu kerajaan. ⁸ Namun demikian, jika bangsa yang Kuancam itu bertaubat daripada kejahatannya, maka Aku akan menarik kembali malapetaka yang Kurancangkan bagi mereka. ⁹ Ada kalanya Aku berfirman bahawa Aku akan membangunkan dan mengukuhkan sesuatu bangsa atau sesuatu kerajaan. ¹⁰ Namun demikian, jika mereka melakukan hal yang jahat di sisi-Ku dan tidak mematuhi-Ku, maka Aku akan menarik kembali kebaikan yang Kujanjikan kepada mereka.

¹¹ Sekarang, katakanlah kepada orang Yehuda dan kepada penduduk Yerusalem demikian, 'Beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku menetapkan malapetaka ke atasmu dan membuat rancangan untuk menentang kamu. Biarlah setiap orang bertaubat daripada perilakunya yang jahat. Perbaiklah perilakumu dan perbuatanmu.' ¹² Tetapi mereka menjawab, "Tiada gunanya! Kami mahu mengikuti fikiran kami sendiri dan setiap orang mahu bertindak menurut kedegilan hatinya yang jahat." ¹³ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan,

"Tanyalah dalam kalangan bangsa, siapa pernah mendengar hal semacam ini? Hal yang sangat mengerikan telah dilakukan oleh perawan Israel!

¹⁴ Masakan salji Lebanon menghilang dari batu pejal di padang?

Masakan air sejuk yang mengalir dari tempat jauh itu mengering?

¹⁵ Tetapi umat-Ku telah melupakan Aku.

Mereka membakar dupa bagi berhala kesia-siaan

yang membuat mereka tersandung di jalan-jalan mereka,

dan di jalan-jalan dahulukala,

serta membuat mereka berjalan di jalan kecil, dan jalan yang belum diratakan.

¹⁶ Dengan demikian mereka membuat negeri mereka menjadi kengerian, menjadi cemuan untuk selama-lamanya. Setiap orang yang melintasinya akan tercengang dan menggeleng-gelengkan kepala.

¹⁷ Seperti angin timur Aku akan menceraiberaikan mereka di hadapan musuh mereka. Aku akan menunjukkan bahawa Aku membelakangi mereka, bukan menghadapkan hadirat-Ku kepada mereka pada hari bencana mereka.”

Doa Yeremia meminta pembalasan terhadap musuhnya

¹⁸ Mereka berkata, “Mari kita membuat rancangan untuk menentang Yeremia, kerana tidak akan hilang pengajaran Taurat daripada imam, begitu pula nasihat daripada orang bijak atau firman daripada nabi. Mari kita menyerang dia dengan kata-kata. Jangan dengarkan segala perkataannya.”

¹⁹ Perhatikanlah aku, ya Tuhan, dan dengarlah suara orang yang berbantah dengan aku.

²⁰ Masakan kebaikan dibalas dengan kejahatan?

Namun begitu, mereka telah menggali lubang perangkap bagi nyawaku.

Ingatlah bagaimana aku menghadap Engkau untuk berbicara baik tentang mereka, untuk menyurutkan murka-Mu daripada mereka.

²¹ Oleh sebab itu berikanlah anak-anak mereka kepada bencana kebuluran, dan serahkanlah mereka kepada mata pedang. Biarlah isteri mereka kehilangan anak dan menjadi balu.

Biarlah lelaki mereka mati dibunuh, pemuda mereka tewas oleh pedang dalam peperangan.

²² Biarlah jeritan terdengar dari rumah mereka, ketika Engkau tiba-tiba mendatangkan gerombolan untuk menyerang mereka, kerana mereka telah menggali lubang perangkap untuk menangkap aku dan menyiapkan jerat bagi kakiku.

²³ Tetapi Engkau, ya Tuhan, mengetahui segala rancangan mereka untuk membunuh aku.

Janganlah kiranya Kauampunkan kesalahan mereka, dan jangan hapuskan dosa mereka dari hadapan-Mu,

tetapi biarlah mereka tersandung di hadapan-Mu.

Bertindaklah terhadap mereka pada masa kemurkaan-Mu.

Pengajaran daripada kendi yang pecah

19 ¹ Beginilah firman Tuhan, “Pergilah, belilah sebuah kendi daripada tanah liat buatan tukang periuk. Bawalah bersama-sama mu tua-tua bangsa ini dan tua-tua daripada kalangan imam, ² lalu pergilah ke Lembah Ben-Hinom yang terletak di depan Pintu Gerbang Beling. Serukanlah di sana firman yang akan Kusampaikan kepadamu. ³ Katakanlah, ‘Dengarlah firman Tuhan, wahai raja-raja Yehuda dan penduduk Yerusalem. Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka terhadap tempat ini sehingga sesiapa pun yang mendengarnya akan berdenging telinganya. ⁴ Itu terjadi kerana mereka telah meninggalkan Aku dan membuat tempat ini menjadi asing. Mereka telah membakar dupa kepada tuhan-tuhan lain yang tidak dikenal oleh mereka sendiri, oleh nenek moyang mereka, dan oleh raja-raja Yehuda. Mereka telah memenuhi tempat

ini dengan darah orang yang tidak bersalah.

⁵ Mereka membina bukit-bukit pemujaan bagi Baal untuk membakar habis anak-anak mereka sebagai korban bakaran bagi Baal – suatu hal yang tidak pernah Kuperintahkan atau Kufirmankan, dan yang tidak pernah timbul dalam hati-Ku. ⁶ Oleh sebab itu ketahuilah, waktunya akan datang, demikianlah firman Tuhan, bahawa tempat ini tidak lagi akan disebut Tofet atau Lembah Ben-Hinom, tetapi Lembah Pembunuhan. ⁷ Di tempat ini Aku akan menggagalkan rancangan Yehuda dan Yerusalem. Aku akan membuat mereka tewas oleh pedang di depan musuh-musuh mereka dan oleh tangan orang yang mengancam nyawa mereka. Aku akan memberikan mayat mereka sebagai makanan bagi burung-burung di udara dan binatang-binatang di bumi. ⁸ Aku akan membuat kota ini menjadi kengerian dan cemuhan. Setiap orang yang melintasinya akan tercengang dan melontarkan cemuhan kerana segala hukumannya. ⁹ Aku akan membuat mereka begitu terdesak sehingga mereka memakan daging anak-anak mereka, baik lelaki mahupun perempuan. Setiap orang akan memakan daging kawannya dalam pengepungan dan kesesakan

yang ditimbulkan oleh musuh-musuh mereka serta orang yang mengancam nyawa mereka.’

¹⁰ Setelah itu, pecahkanlah kendi-kendi itu di hadapan mata orang yang pergi bersama-samamu. ¹¹ Katakan kepada mereka, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta: Demikianlah Aku akan memecahkan bangsa ini dan kota ini sama seperti orang memecahkan bejana buatan tukang periuk sehingga tidak dapat diperbaik lagi. Tofet akan menjadi tempat menguburkan orang hingga tidak ada tempat untuk menguburkan lagi.

¹² Begitulah akan Kulakukan terhadap tempat ini dan terhadap penduduknya, demikianlah firman Tuhan. Aku akan membuat kota ini seperti Tofet. ¹³ Rumah di Yerusalem dan rumah raja-raja Yehuda akan menjadi najis seperti tempat Tofet, iaitu semua rumah yang bumbungnya menjadi tempat membakar dupa bagi segala benda langit dan tempat mencurahkan persembahan minuman kepada tuhan lain.”

¹⁴ Setelah Yeremia pulang dari Tofet, tempat Tuhan mengutusnyanya untuk bernubuat, dia berdiri di pelataran Bait Tuhan dan berkata kepada seluruh rakyat, ¹⁵ “Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan segala malapetaka yang pernah Kufirmankan terhadap kota ini dan terhadap semua kampungnya, kerana mereka

telah mengeraskan hati dan tidak mendengar firman-Ku.' ”

Yeremia dianiaya oleh imam Pasyhur

20 ¹ Pasyhur anak Imer, imam yang menjadi ketua pegawai di Bait Tuhan, mendengar Yeremia menubuatkan hal-hal itu. ² Lalu Pasyhur memukul Nabi Yeremia dan memasukkan dia ke dalam pasungan di Pintu Gerbang Benyamin Atas di Bait Tuhan. ³ Keesokan harinya, ketika Pasyhur mengeluarkan Yeremia dari pasungan, berkatalah Yeremia kepadanya, “Tuhan tidak lagi menyebut namamu Pasyhur, tetapi Kegentaran dari Segala Jurusan. ⁴ Beginilah firman Tuhan, ‘Sesungguhnya, Aku akan membuat engkau menjadi kegentaran bagi dirimu sendiri dan bagi semua sahabatmu. Mereka akan tewas oleh pedang musuh-musuh mereka dan matamu akan melihatnya. Aku akan menyerahkan seluruh Yehuda ke dalam tangan raja Babel. Dia akan membuang mereka ke Babel dan membunuh mereka dengan pedang. ⁵ Aku akan menyerahkan segala harta benda kota ini, segala hasil jerih lelahnya, segala barangnya yang berharga, dan segala perbendaharaan raja-raja Yehuda ke dalam tangan musuh mereka. Orang itu akan merampas, mengumpulkan, dan membawa semua itu ke Babel. ⁶ Mengenai

engkau, wahai Pasyhur, dan semua orang yang tinggal di rumahmu, kamu akan pergi ke tempat penawanan. Engkau akan sampai ke Babel. Di sanalah engkau akan mati dan di sanalah engkau akan dikuburkan berserta dengan semua sahabatmu, iaitu orang yang telah kauberi nubuat dusta.”

Keluh-kesah Yeremia

⁷ Engkau telah memperdaya aku, ya Tuhan, dan aku terperdaya.

Engkau lebih kuat daripada aku dan Engkau menang.

Sepanjang hari aku menjadi bahan tertawaan, semua orang mengolok-olokkan aku.

⁸ Setiap kali aku berbicara, aku harus berteriak.

Aku berseru, “Kekerasan! Perompakan!”

Kerana penyampaian firman Tuhan telah membuat aku dicela

dan dicemuh sepanjang hari.

⁹ Kalau aku berfikir, “Aku tidak mahu menyebut-nyebut Dia

dan tidak mahu berbicara lagi atas nama-Nya,” maka dalam hatiku ada sesuatu seperti api

yang menyala-nyala, terkurung dalam tulang-tulangku.

Aku berlelah-lelah menahannya, tetapi aku tidak sanggup.

¹⁰ Aku mendengar banyak bisikan orang:

“Kegentaran dari segala jurusan!
Adukanlah dia! Kami pun mahu
mengadukannya!”

Semua sahabat karibku

menunggu kejatuhanku,

“Mudah-mudahan dia terperdaya,
sehingga kami dapat mengalahkan dia dan
membalas dia.”

¹¹ Tetapi Tuhan menyertai aku seperti kesateria
yang hebat,

sebab itu para pengejarku akan tersandung dan
tidak akan menang.

Mereka akan sangat malu kerana tidak
bertindak bijaksana,

aib mereka kekal, tidak dilupakan orang.

¹² Ya Tuhan alam semesta, yang menguji orang
benar,

yang mengamati hati dan batin,

biarlah kulihat pembalasan-Mu terhadap
mereka,

kerana kepada-Mulah kunyatakan perkaraku.

¹³ Menyanyilah bagi Tuhan!

Pujilah Tuhan!

Kerana Dia telah melepaskan nyawa orang
miskin daripada tangan orang jahat.

¹⁴ Terkutuklah hari
ketika aku dilahirkan!

Jangan mohonkan berkat bagi hari ketika ibuku
melahirkan aku!

¹⁵ Terkutuklah orang yang mengkhabarkan
kepada ayahku,

“Seorang anak lelaki telah dilahirkan bagimu!”
dan membuatnya sangat gembira.

¹⁶ Biarlah orang itu menjadi seperti kota
yang ditunggangbalikkan Tuhan tanpa belas
kasihan.

Biarlah dia mendengar jeritan pada pagi hari
dan pekikan pada waktu tengah hari.

¹⁷ Sebab dia tidak membunuh aku sejak dalam
rahim,

sehingga ibuku menjadi kuburku
dan rahimnya mengandung selamanya.

¹⁸ Mengapakah aku harus keluar dari rahim
untuk melihat kesukaran dan kedukaan,
sehingga umurku dihabiskan dalam rasa malu?

Pembuangan Raja Zedekia

21 ¹ Firman daripada Tuhan turun kepada
Yeremia ketika Raja Zedekia mengutus
Pasyhur anak Malkia dan Imam Zefanya anak
Maaseya kepadanya dengan pesan, ² “Tolong

tanyakan petunjuk Tuhan bagi kami, kerana Nebukadnezar, raja Babel, berperang melawan kami! Barangkali Tuhan akan bertindak bagi kami selaras dengan segala perbuatan-Nya yang ajaib, sehingga Nebukadnezar mundur daripada kami.”

³ Kata Yeremia kepada mereka, “Katakanlah kepada Zedekia, ⁴ ‘Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Sesungguhnya, Aku akan membalikkan senjata-senjata perang di tanganmu, iaitu senjata-senjata yang kamu gunakan untuk berperang melawan raja Babel serta orang Kasdim ketika mereka mengepung kamu di luar tembok. Akan Kukumpulkan semuanya ke tengah-tengah kota ini, ⁵ lalu Aku sendiri akan berperang melawan kamu dengan tangan terhulur dan lengan yang kuat, dengan amarah, kegusaran, serta murka yang besar. ⁶ Aku akan memukul penghuni kota ini, baik manusia mahupun binatang. Mereka akan mati oleh wabak penyakit yang hebat. ⁷ Sesudah itu, demikianlah firman Tuhan, Aku akan menyerahkan Zedekia, raja Yehuda, beserta para pegawainya dan rakyat kota ini yang terselamat daripada wabak penyakit, pedang, dan bencana kebuluran, ke dalam tangan Nebukadnezar raja Babel, ke dalam tangan musuh-musuh mereka, dan ke dalam tangan orang yang mengancam nyawa mereka. Dia akan membantai mereka

dengan mata pedang tanpa berasa hiba kepada mereka, tanpa berasa sayang, dan tanpa belas kasihan.'

⁸ Kemudian kepada bangsa ini katakanlah, 'Beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku menghadapkan kepadamu jalan kehidupan dan jalan kematian. ⁹ Sesiapa yang tetap tinggal di dalam kota ini akan mati oleh pedang, bencana kebuluran, serta wabak penyakit. Tetapi siapa keluar dan menyerahkan diri kepada orang Kasdim yang memegang kamu, dia akan tetap hidup. Nyawanya akan seperti barang jarahan bagi dirinya sendiri. ¹⁰ Aku telah berketetapan untuk mendatangkan malapetaka atas kota ini dan bukan kebaikan, demikianlah firman Tuhan. Kota ini akan diserahkan ke dalam tangan raja Babel, dan dia akan membakarnya habis."

Nubuat melawan Raja Yehuda

¹¹ Mengenai keluarga raja Yehuda, dengarlah firman Tuhan: ¹² "Wahai keturunan kaum Daud, beginilah firman Tuhan,

'Tegakkanlah keadilan setiap pagi
dan lepaskanlah orang yang dirompak daripada
tangan penganiayanya,
supaya murka-Ku tidak memancar seperti api
dan menyala-nyala sehingga tidak ada
yang dapat memadamkan,

kerana perbuatan-perbuatanmu yang jahat.

¹³ Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu,

wahai penghuni lembah,

wahai batu pejal di dataran,

demikianlah firman Tuhan,

wahai kamu yang berkata:

Siapakah berani turun mendatangi kami?

Siapakah berani memasuki tempat kediaman kami?

¹⁴ Aku akan menghukum kamu setimpal dengan hasil perbuatanmu, demikianlah firman Tuhan.

Aku akan menyalakan api di hutannya yang akan memakan habis segala sesuatu di sekelilingnya.' ”

22 ¹ Beginilah firman Tuhan, “Pergilah ke istana raja Yehuda dan sampaikanlah firman ini di sana. ² Katakan, ‘Dengarlah firman Tuhan, wahai raja Yehuda yang duduk di atas takhta Daud – engkau, para pegawaimu, dan rakyatmu yang masuk melalui pintu-pintu gerbang ini! ³ Beginilah firman Tuhan: Tegakkanlah keadilan dan kebenaran. Lepaskanlah orang yang dirompak daripada tangan penganiayanya. Jangan tindas dan jangan lakukan kekerasan terhadap pendatang, anak yatim, atau balu. Jangan tumpahkan darah orang yang tidak bersalah di tempat ini. ⁴ Jika

kamu sungguh-sungguh mematuhi firman-Ku, maka melalui pintu-pintu gerbang istana ini akan masuk raja-raja yang akan duduk di atas takhta Daud dengan mengenderai rata dan kuda, diiringi para pegawai serta rakyatnya. ⁵ Tetapi jika kamu tidak mendengar firman ini, maka Aku bersumpah demi diri-Ku sendiri, demikianlah firman Tuhan, bahawa istana ini akan menjadi reruntuhan.' ”

⁶ Beginilah firman Tuhan mengenai keluarga raja Yehuda,

“Engkau seperti Gilead bagi-Ku,
seperti puncak Lebanon,
tetapi Aku pasti membuat engkau seperti
gurun,
seperti kota yang tidak dihuni.

⁷ Aku akan menyiapkan para pemusnah untuk
menyerang engkau,
masing-masing dengan senjatanya.

Mereka akan menebang pokok-pokok arazmu
yang terpilih,
lalu mencampakkannya ke dalam api.

⁸ Banyak bangsa akan melintasi kota ini dan berkata seorang kepada yang lain, ‘Mengapa Tuhan berbuat demikian terhadap kota yang besar ini?’ ⁹ Orang akan menjawab, ‘Kerana

mereka telah mengabaikan perjanjian Tuhan, Allah mereka, lalu sujud menyembah dan beribadat kepada tuhan-tuhan lain.’ ”

Nubuat menentang Raja Salum

¹⁰ Jangan tangisi orang mati,
jangan berdukacita kerananya.

Menangislah tersedu-sedu bagi dia yang sudah
pergi,

kerana dia tidak akan kembali lagi
dan melihat tanah kelahirannya.

¹¹ Beginilah firman Tuhan mengenai Salum anak Yosia, raja Yehuda, yang menaiki takhta menggantikan Yosia, ayahnya, dan yang telah pergi meninggalkan tempat ini, ‘Dia tidak akan kembali lagi ke sini. ¹² Dia akan mati di tempat pembuangannya, dan tidak akan melihat negeri ini lagi.’ ”

Nubuat menentang Raja Yoyakim

¹³ “Malangnya orang yang membangunkan istananya dengan cara yang tidak benar, dan bilik-bilik atas dengan cara yang tidak adil; yang mengerah jirannya bekerja secara percuma tanpa memberikan upah kepada mereka!

¹⁴ Dia berkata, 'Aku mahu membina istana yang luas bagi diriku

dan bilik-bilik atas yang lega.'

Dia membuat jendela-jendela, memapankannya dengan kayu araz, dan mengecatnya dengan warna merah.

¹⁵ Adakah engkau menjadi raja kerana bertanding dalam hal penggunaan kayu araz?

Bukankah ayahmu makan dan minum, tetapi menegakkan keadilan dan kebenaran juga?

Pada waktu itu baik keadaannya.

¹⁶ Dia membela perkara orang miskin dan orang melarat.

Pada waktu itu semuanya berjalan baik.

Bukankah itu namanya mengenal Aku?"

demikianlah firman Tuhan.

¹⁷ "Tetapi matamu dan hatimu

hanya tertuju kepada pengejaran laba, kepada penumpahan darah orang yang tidak bersalah,

kepada pemerasan dan kepada penindasan."

¹⁸ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan mengenai Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, "Orang tidak akan meratapinya,

'Aduh, saudaraku! Aduh, saudariku!'
Orang tidak akan meratapinya,
'Aduh, tuanku! Aduh, Yang Teramat Mulia!'
¹⁹ Dia akan dikuburkan seperti keldai
dikuburkan, diseret dan dilemparkan
ke luar pintu-pintu gerbang Yerusalem."

Nubuat menentang Raja Konya

²⁰ "Dakilah suatu puncak Lebanon dan
berserulah!

Perdengarkanlah suaramu di Basan!
Berserulah dari Abarim,
kerana semua kekasihmu sudah binasa.

²¹ Aku telah berbicara kepadamu waktu engkau
sentosa,
tetapi engkau berkata, 'Aku tidak mahu
mendengar!'

Begitulah perilakumu sejak masa mudamu,
engkau tidak mahu mematuhi Aku.

²² Angin akan mengusir semua gembalamu
dan para kekasihmu akan pergi ke tempat
penawanan.

Sungguh, pada waktu itu engkau akan malu
dan mendapat aib
kerana segala kejahatanmu.

²³ Wahai penduduk Lebanon,
yang bersarang di pokok-pokok araz!

Betapa kasihan engkau ketika rasa sakit
menimpamu,

sakit seperti perempuan yang bersalin!”

²⁴ “Demi Aku yang hidup,” demikianlah firman Tuhan, “sekalipun Konya anak Yoyakim, raja Yehuda, seperti cincin materai di tangan kanan-Ku, Aku akan mencabut kamu dari situ. ²⁵ Aku akan menyerahkan engkau ke dalam tangan orang yang mengancam nyawamu dan ke dalam tangan orang yang kautakuti, yaitu ke dalam tangan Nebukadnezar, raja Babel, dan ke dalam tangan orang Kasdim. ²⁶ Aku akan melemparkan engkau bersertakan ibumu yang melahirkan engkau ke negeri lain yang bukan tempat kelahiranmu. Di sanalah kamu akan mati. ²⁷ Mereka ingin kembali ke negeri yang dirindukan mereka, tetapi mereka tidak akan kembali ke situ.”

²⁸ Adakah Konya ini bejana hina yang pecah?
Adakah dia perkakas yang tidak disukai orang?
Mengapakah dia dan keturunannya
dicampakkan,
dilemparkan ke negeri yang tidak dikenali
mereka?

²⁹ Wahai negeri, negeri, negeri,
dengarlah firman Tuhan!

³⁰ Beginilah firman Tuhan,
“Catatlah orang ini sebagai orang yang tidak
mempunyai anak,
lelaki yang tidak pernah berjaya dalam
hidupnya,
kerana daripada keturunannya tiada seorang
pun akan berjaya
duduk di atas takhta Daud
atau berkuasa lagi di Yehuda.”

Janji tentang Tunas Daud yang benar

23 ¹ “Malangnya para gembala yang membinasakan dan menceraai-beraikan domba gembalaan-Ku,” demikianlah firman Tuhan. ² Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, Allah Israel, terhadap para gembala yang menggembala bangsa-Ku, “Kamu telah menceraai-beraikan kawanan domba-Ku, menghalaunya, dan tidak mengurusnya. Sesungguhnya, Aku akan menghukum kamu atas perbuatan-perbuatanmu yang jahat itu,” demikianlah firman Tuhan. ³ “Aku sendiri akan mengumpulkan sisa-sisa domba-Ku dari segala negeri tempat mereka Kuhalau, dan Aku akan mengembalikan mereka ke padang ragut mereka. Mereka akan beranak cucu dan bertambah banyak. ⁴ Aku akan mengangkat gembala-gembala yang akan mengurus mereka. Mereka tidak akan takut lagi, tidak akan

kecut hati, dan tidak akan hilang seekor pun,”
demikianlah firman Tuhan.

⁵ “Sesungguhnya, waktunya akan datang,”
demikianlah firman Tuhan,
“bahawa Aku akan menumbuhkan Tunas yang
benar bagi Daudⁿ.

Dia akan bertakhta sebagai raja dan bertindak
bijaksana.

Dia akan menegakkan keadilan dan
perbenaran^o di negeri ini.

⁶ Pada zamannya Yehuda akan diselamatkan
dan Israel akan tinggal dengan aman.

Ini adalah nama yang diberikan orang kepadanya,
‘Tuhan ialah sumber perbenaran kita.’ ”

⁷ “Oleh sebab itu ketahuilah, waktunya akan
datang,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa
tidak lagi akan dikatakan, ‘Demi Tuhan yang
hidup, yang menuntun bani Israel keluar dari
Tanah Mesir,’ ⁸ tetapi, ‘Demi Tuhan yang hidup,
yang menuntun dan yang membawa keturunan
kaum Israel keluar dari tanah utara dan dari

ⁿ**23:5** Tunas yang Benar bagi Daud: Gelar bagi keturunan Daud yang kelak memerintah dengan menegakkan keadilan dan perbenaran.

^o**23:5** Perbenaran: Antara maknanya melakukan perbuatan yang benar, baik dan adil.

segala negeri tempat Dia menghalau mereka.
Mereka akan tinggal di tanah mereka sendiri.”

Menentang nabi yang sesat

⁹ Mengenai nabi-nabi:

Hatiku hancur dalam diriku,

semua tulangku menggigil.

Aku seperti orang mabuk,

seperti lelaki dipengaruhi air anggur,

kerana Tuhan

dan kerana firman-Nya yang suci.

¹⁰ Negeri ini penuh dengan penzina.

Kerana kutukan, negeri ini berkabung,

padang-padang rumput di gurun mengering.

Cara hidup mereka jahat

dan kekuasaan mereka disalahgunakan.

¹¹ “Baik nabi mahupun imam berlaku mungkar,
bahkan di dalam Bait-Ku Aku dapati kejahatan
mereka,”

demikianlah firman Tuhan.

¹² “Oleh sebab itu jalan hidup mereka akan
seperti jalan licin bagi mereka.

Dalam gelap mereka akan tergelincir dan jatuh
di situ,

kerana Aku akan mendatangkan malapetaka
kepada mereka

pada tahun penghukuman mereka,”
demikianlah firman Tuhan.

¹³ “Antara nabi Samaria

Aku melihat hal yang tidak patut:
mereka bernubuat atas nama Baal
dan menyesatkan umat-Ku Israel.

¹⁴ Antara nabi Yerusalem

Aku melihat hal yang mengerikan:
mereka berzina dan hidup dalam kebohongan,
mereka menyokong orang yang berbuat jahat,
sehingga tiada seorang pun bertaubat daripada
kejahatannya.

Mereka semua seperti Sodom bagi-Ku,
dan penduduknya seperti Gomora.”

¹⁵ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan alam
semesta, mengenai para nabi itu,

“Sesungguhnya, Aku akan memberi mereka
makan tanaman pahit dan minum air
beracun,

kerana daripada nabi-nabi Yerusalem
kemungkaran telah menyebar ke seluruh
negeri.”

¹⁶ Beginilah firman Tuhan alam semesta,

“Jangan dengarkan perkataan para nabi yang
menyampaikan ramalan kepadamu.

Mereka memberimu harapan yang sia-sia.
Mereka menyampaikan penglihatan yang
muncul dari hati mereka sendiri,

bukan daripada Tuhan.

¹⁷ Mereka selalu berkata kepada orang yang menista Aku,

‘Tuhan berfirman:

Kamu akan hidup damai!’ Kepada semua orang yang menuruti kedegilan hatinya, mereka berkata, ‘Malapetaka tidak akan menimpa kamu.’

¹⁸ Tetapi siapakah yang hadir dalam majlis perundingan Tuhan sehingga dia memperhatikan dan mendengar firman-Nya?

Siapakah yang memperhatikan firman-Nya dan mendengarnya?

¹⁹ Lihat, badai Tuhan!

Murka memancar.

Angin puting beliung berputar melanda kepala orang fasiq.

²⁰ Murka Tuhan tidak akan surut, sampai Dia selesai mengerjakan dan melaksanakan rancangan-rancangan hati-Nya.

Pada kemudian hari kamu akan mengerti hal itu dengan jelas.

²¹ Aku tidak mengutus para nabi itu, tetapi mereka bergegas pergi.

Aku tidak berfirman kepada mereka, tetapi mereka menyampaikan nubuat.

²² Sekiranya mereka hadir dalam majlis perundingan-Ku, tentu mereka akan membuat umat-Ku mendengar firman-Ku, membawa mereka berpaling daripada perilaku mereka yang jahat dan daripada perbuatan mereka yang jahat.

²³ Adakah Aku Allah apabila dekat sahaja," demikianlah firman Tuhan, "dan bukan Allah juga apabila jauh?"

²⁴ Masakan orang dapat menyembunyikan diri di tempat tersembunyi sehingga Aku tidak melihatnya?"

demikianlah firman Tuhan.

"Bukankah Aku memenuhi langit dan bumi?" demikianlah firman Tuhan.

²⁵ "Aku telah mendengar perkataan para nabi yang menyampaikan nubuat dusta atas nama-Ku dengan mengatakan, 'Aku bermimpi! Aku bermimpi!' ²⁶ Berapa lama lagi hal itu terkandung dalam hati para nabi yang menyampaikan nubuat dusta, yang menyampaikan nubuat tipu daya hati mereka sendiri? ²⁷ Mereka bermaksud membuat umat-Ku melupakan nama-Ku melalui mimpi-mimpi yang diceritakan mereka satu sama lain, sebagaimana nenek moyang mereka melupakan nama-Ku demi Baal. ²⁸ Biarlah nabi yang mendapat mimpi menceritakan mimpinya!

Tetapi sesiapa mendapat firman-Ku, biarlah dia menyampaikan firman-Ku itu dengan benar! Apakah sangkut-paut jerami dengan gandum?" demikianlah firman Tuhan. ²⁹ "Bukankah firman-Ku seperti api," demikianlah firman Tuhan, "dan seperti tukul besi yang memecahkan bukit batu?" ³⁰ Oleh sebab itu ketahuilah, Aku akan menjadi lawan para nabi, demikianlah firman Tuhan, "yang mencuri firman-Ku daripada kawan masing-masing. ³¹ Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawan para nabi," demikianlah firman Tuhan, "yang menggunakan perkataan mereka sendiri dan menyatakan, 'Demikianlah firman-Nya.' ³² Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawan mereka yang menyampaikan nubuat daripada mimpi-mimpi dusta," demikianlah firman Tuhan, "yang menceritakannya dan menyesatkan umat-Ku dengan dusta dan keangkuhan mereka. Aku tidak mengutus mereka dan tidak memberikan perintah kepada mereka. Mereka sama sekali tidak berfaedah bagi bangsa ini," demikianlah firman Tuhan.

³³ "Apabila bangsa ini atau seorang nabi atau seorang imam bertanya kepadamu, 'Apakah firman daripada Tuhan?' katakanlah kepada mereka, 'Firman apa? Aku akan membuang kamu, demikianlah firman Tuhan' ³⁴ Mengenai nabi, imam, atau rakyat yang berkata, 'Inilah

firman daripada Tuhan,' Aku akan menghukum orang itu dan keluarganya. ³⁵ Beginilah harus kamu katakan, masing-masing kepada kawannya dan masing-masing kepada saudaranya, 'Apa jawapan Tuhan?' atau 'Apa firman Tuhan?' ³⁶ Tetapi 'firman daripada Tuhan' jangan kamu sebut-sebut lagi, kerana perkataan setiap orang telah menjadi pernyataan ilahinya sendiri. Kamu telah memutarbalikkan firman Allah yang hidup, Tuhan alam semesta, Allah kita. ³⁷ Beginilah harus kamu katakan kepada nabi: 'Apakah jawapan Tuhan kepadamu?' atau 'Apa yang Tuhan firmankan?' ³⁸ Tetapi jika kamu berkata, 'Pernyataan ilahi daripada Tuhan,' maka beginilah firman Tuhan: Kerana kamu mengucapkan perkataan ini: 'Pernyataan ilahi daripada Tuhan,' padahal Aku telah mengutus orang kepadamu dengan pesan: Jangan berkata, 'Pernyataan ilahi daripada Tuhan,' ³⁹ maka ketahuilah, Aku pasti melupakan kamu dan membuang kamu dari hadirat-Ku berserta kota yang Kukurniakan kepadamu dan kepada nenek moyangmu. ⁴⁰ Aku akan menanggungkan kepadamu cela kekal dan aib kekal yang tidak akan dilupakan."

Penglihatan tentang dua keranjang buah ara

24 ¹ Tuhan memberikan penglihatan kepadaku: tampak dua keranjang buah ara terletak di hadapan Bait Suci Tuhan. Hal ini terjadi setelah Yekhonya anak Yoyakim, raja Yehuda, beserta para pembesar Yehuda, para tukang, dan pandai besi dibuang dari Yerusalem oleh Nebukadnezar, raja Babel, dan dibawa ke Babel. ² Keranjang yang pertama berisi buah ara yang sangat baik, seperti buah ara pertama, sedang keranjang yang lain berisi buah ara yang sangat busuk, yang tidak dapat dimakan kerana buruknya. ³ Firman Tuhan kepadaku, “Apa yang kaulihat, Yeremia?”

Jawabku, “Buah ara! Buah ara yang baik itu baik sekali, dan yang busuk itu buruk sekali sehingga tidak dapat dimakan kerana buruknya.”

⁴ Lalu datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ⁵ “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, ‘Seperti buah ara yang baik ini, demikianlah Aku akan memandangi baik orang buangan daripada Yehuda yang Kuusir dari tempat ini ke negeri orang Kasdim. ⁶ Aku akan mengarahkan pandangan-Ku kepada mereka demi kebaikan mereka, dan Aku akan membawa mereka

kembali ke negeri ini. Aku akan membangunkan mereka, bukan meruntuhkan mereka. Aku akan menanam mereka, bukan mencabut mereka.

⁷ Aku akan mengurniakan kepada mereka hati yang dapat mengenal Aku, bahawa Akulah Tuhan. Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku akan menjadi Allah mereka, kerana mereka akan kembali kepada-Ku dengan segenap hati.

⁸ Tetapi seperti buah ara yang busuk, yang tidak dapat dimakan kerana buruknya,' sungguh, beginilah firman Tuhan, 'demikianlah Aku akan menyerahkan Zedekia raja Yehuda beserta para pembesarnya, juga sisa penduduk Yerusalem yang masih tinggal di negeri ini dan orang yang tinggal di Tanah Mesir. ⁹ Aku akan membuat mereka menjadi kengerian dan kesusahan bagi segala kerajaan di bumi, menjadi cela dan ibarat, menjadi sindiran dan kutukan di semua tempat Aku menghalau mereka. ¹⁰ Aku akan mendatangkan pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit ke tengah-tengah mereka, sehingga mereka dihabiskan dari tanah yang telah Kukurniakan kepada mereka dan kepada nenek moyang mereka."

Tujuh puluh tahun pembuangan di Babel

25 ¹ Pada tahun keempat pemerintahan Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, iaitu tahun pertama pemerintahan Nebukadnezar, raja Babel, datanglah firman kepada Yeremia mengenai seluruh rakyat Yehuda. ² Firman itu disampaikan Nabi Yeremia kepada seluruh rakyat Yehuda dan kepada seluruh penduduk Yerusalem, katanya, ³ “Dari tahun ketiga belas zaman pemerintahan Yosia anak Amon, raja Yehuda, sehingga hari ini – jadi, sudah selama dua puluh tiga tahun – firman Tuhan datang kepadaku dan aku terus-menerus menyampaikannya kepadamu, tetapi kamu tidak mahu mendengar. ⁴ Tuhan juga terus-menerus mengutus kepadamu semua hamba-Nya, para nabi, tetapi kamu tidak mahu mendengar dan tidak mahu memasang telinga untuk mendengar. ⁵ Mereka berkata, ‘Hendaklah setiap orang bertaubat daripada perilaku yang jahat dan daripada segala perbuatan yang jahat, maka kamu akan tinggal di negeri yang dikurniakan Tuhan kepadamu dan kepada nenek moyangmu sejak dahulukala untuk selama-lamanya. ⁶ Jangan ikuti tuhan-tuhan lain untuk beribadat dan

sujud menyembah tuhan-tuhan itu. Jangan bangkitkan murka-Ku dengan buatan tanganmu, supaya Aku tidak mendatangkan malapetaka kepadamu. ⁷ Tetapi kamu tidak mahu mendengar Aku,' demikianlah firman Tuhan, 'sehingga kamu membangkitkan murka-Ku dengan buatan tanganmu, dan menyusahkan dirimu sendiri.'

⁸ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Kerana kamu tidak mahu mendengar firman-Ku, ⁹ sesungguhnya Aku akan mengirim utusan untuk menjemput semua suku bangsa dari utara,' demikianlah firman Tuhan, 'dan memanggil Nebukadnezar, raja Babel, hamba-Ku itu. Akan Kubawa mereka untuk menyerang negeri ini, menyerang penduduknya dan semua bangsa di sekitarnya. Akan Kutumpaskan mereka dan Kubuat mereka menjadi kengerian, cemuhan, dan reruntuhan untuk selamanya. ¹⁰ Akan Kulenyapkan daripada kalangan mereka suara kegirangan dan suara kegembiraan, suara pengantin lelaki dan suara pengantin perempuan, bunyi batu kisaran dan sinar pelita. ¹¹ Seluruh negeri ini akan menjadi reruntuhan dan ketandusan. Bangsa-bangsa itu akan menghamba kepada raja Babel selama tujuh

25:10 a: Yer 7:34; 16:9; **b:** Why 18:22,23.

25:11: 2Taw 36:21; Yer 29:10; Dan 9:2.

puluh tahun. ¹² Setelah genap tujuh puluh tahun, Aku akan menghukum raja Babel dan bangsa itu kerana kesalahan mereka,' demikianlah firman Tuhan. 'Negeri orang Kasdim akan Kujadikan tempat yang sunyi sepi untuk selama-lamanya. ¹³ Aku akan menimpakan kepada negeri itu segala firman yang telah Kusampaikan tentang dia, iaitu semua yang tertulis dalam kitab ini, yang telah dinubuatkan Yeremia tentang segala bangsa itu. ¹⁴ Banyak bangsa dan raja besar akan memperhamba mereka juga. Aku akan membalas mereka setimpal dengan pekerjaan mereka dan setimpal dengan perbuatan tangan mereka.' "

Cawan murka Tuhan terhadap bangsa-bangsa

¹⁵ Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, kepadaku, "Ambillah cawan berisi air anggur murka-Ku ini daripada tangan-Ku dan bawanya kepada segala bangsa. Lalu suruhlah segala bangsa yang telah Aku utuskan engkau kepada mereka itu supaya meminum air anggur itu. ¹⁶ Mereka akan minum, terhuyung-huyung, dan menjadi gila kerana pedang yang Kukirimkan ke tengah-tengah mereka."

¹⁷ Lalu aku mengambil cawan itu daripada tangan Tuhan dan membuat segala bangsa yang

telah Tuhan utuskan aku kepada mereka supaya meminum air anggur itu:

¹⁸ Yerusalem dan kota-kota Yehuda beserta raja-rajanya dan para pembesarnya, sehingga semuanya menjadi reruntuhan, kengerian, cemuhan, dan kutukan, sebagaimana nyata pada hari ini;

¹⁹ Firaun, raja Mesir, beserta para pegawainya, para pembesarnya, dan seluruh rakyatnya;

²⁰ semua bangsa campuran;

semua raja negeri Us;

semua raja negeri Filistin (Askelon, Gaza, Ekron, dan saki-baki orang Asdod);

²¹ Edom, Moab, dan bani Amon;

²² semua raja Tirus, semua raja Sidon, raja-raja daerah pesisir di seberang laut;

²³ Dedan, Tema, Bus, dan semua orang yang dipotong tepi rambut mereka;

²⁴ semua raja Arab, dan semua raja bangsa campuran yang berdiam di gurun;

²⁵ semua raja Zimri; semua raja Elam; semua raja Madai;

²⁶ semua raja dari utara, dekat ataupun jauh, seorang demi seorang,

dan semua kerajaan dunia yang ada di muka bumi.

Raja Sesakh pun akan meminumnya selepas mereka.

²⁷ “Kemudian katakanlah kepada mereka, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Minumlah, mabuklah, dan muntahlah! Robohlah dan jangan bangun lagi, kerana pedang yang akan Kukirim ke tengah-tengah kamu.’ ²⁸ Apabila mereka enggan menerima cawan itu daripada tanganmu dan menolak untuk meminumnya, katakanlah kepada mereka, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta: Kamu harus meminumnya. ²⁹ Lihat, Aku mula mendatangkan malapetaka di kota yang disebut dengan nama-Ku – masakan kamu terlepas daripada hukuman? Kamu tidak akan terlepas daripada hukuman, kerana Aku akan mengerahkan pedang terhadap seluruh penduduk bumi, demikianlah firman Tuhan alam semesta.’

³⁰ Mengenai engkau, nubuatkanlah kepada mereka segala firman ini dan katakanlah kepada mereka,

‘Tuhan bergemuruh dari tempat tinggi dan memperdengarkan suara-Nya dari tempat kediaman-Nya yang suci.

Dia akan bergemuruh terhadap padang ragut-Nya.

Pekikan seperti pekikan para pengirik buah anggur

akan diteriakkan-Nya kepada seluruh penduduk bumi.

³¹ Gaduhnya akan sampai ke hujung bumi, kerana Tuhan berbantah dengan bangsa-bangsa.

Dia akan berperkara dengan semua manusia, orang fasiq akan diserahkan-Nya kepada pedang,' ”

demikianlah firman Tuhan.

³² Beginilah firman Tuhan alam semesta, “Lihat, malapetaka terserak daripada bangsa kepada bangsa.

Badai besar akan naik dari hujung-hujung bumi.

³³ Pada hari itu orang yang dihancurkan Tuhan akan berkaparan dari hujung bumi yang satu sampai ke hujung bumi lainnya. Mereka tidak akan diratapi, tidak akan dikumpulkan, dan tidak akan dikuburkan, melainkan akan menjadi baja kandang di permukaan tanah.

³⁴ Meraung-raunglah dan menjeritlah, wahai para gembala, berguling-gulinglah dalam debu, wahai para pemimpin kawanan domba, kerana sudah genap waktunya bagimu untuk dibantai.

Kamu akan jatuh pecah seperti perkakas yang indah.

³⁵ Para gembala tidak akan dapat lari,

dan para pemimpin kawanan domba tidak akan dapat terselamat.

³⁶ Terdengar jeritan para gembala,
para pemimpin kawanan domba meraung-
raung,

kerana Tuhan memusnahkan padang rumput mereka.

³⁷ Padang-padang rumput yang damai dijadikan lengang,

kerana murka Tuhan yang menyala-nyala.

³⁸ Seperti singa Dia meninggalkan tempat kediaman-Nya.

Negeri mereka sudah menjadi tandus,

kerana kegarangan si penindas,

kerana murka-Nya yang menyala-nyala.”

Yeremia terancam dibunuh

26 ¹ Pada permulaan pemerintahan Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, datanglah firman ini daripada Tuhan, ² “Beginilah firman Tuhan: Berdirilah di pelataran Bait Tuhan dan sampaikanlah kepada penduduk semua kota Yehuda, yang datang untuk beribadat di Bait Tuhan, segala firman yang Kuperintahkan untuk kausampaikan kepada mereka. Jangan kurangi sepatah kata pun. ³ Barangkali mereka

mahu mendengar dan setiap orang mahu bertaubat daripada perilakunya yang jahat. Dengan demikian Aku akan menarik kembali malapetaka yang Kurancang terhadap mereka kerana perbuatan mereka yang jahat.

⁴ Katakanlah kepada mereka, 'Beginilah firman Tuhan: Jika kamu tidak mahu mendengar Aku, tidak mahu menuruti hukum-Ku yang telah Kubentangkan di hadapanmu, ⁵ dan tidak mahu mendengar perkataan hamba-hamba-Ku, para nabi, yang terus-menerus Kuutus kepadamu tanpa kamu dengarkan, ⁶ maka Aku akan menjadikan Bait ini seperti Silo dan kota ini menjadi kutukan bagi segala bangsa di bumi.' "

⁷ Para imam, para nabi, dan seluruh rakyat mendengar Yeremia menyampaikan firman itu di Bait Tuhan. ⁸ Setelah Yeremia selesai menyampaikan semua yang diperintahkan Tuhan untuk dikatakan kepada seluruh rakyat itu, maka para imam, para nabi, dan seluruh rakyat menangkapnya sambil berkata, "Engkau harus mati! ⁹ Mengapa engkau bernubuat atas nama Tuhan, mengatakan, 'Bait ini akan menjadi seperti Silo dan kota ini akan menjadi reruntuhan sehingga tidak berpenduduk?'" Lalu seluruh rakyat mengerumuni Yeremia di Bait Tuhan.

¹⁰ Ketika para pembesar Yehuda mendengar tentang hal itu, datanglah mereka dari istana raja ke Bait Tuhan lalu duduk di depan Pintu Gerbang Baru di Bait Tuhan. ¹¹ Para imam dan para nabi berkata kepada para pembesar dan kepada seluruh rakyat demikian, “Orang ini patut dihukum mati, kerana dia telah bernubuat menentang kota ini seperti yang kamu dengar dengan telingamu sendiri.”

¹² Tetapi Yeremia berkata kepada para pembesar dan kepada seluruh rakyat, “Tuhan telah mengutus aku untuk menubuatkan segala firman menentang Bait dan kota ini, seperti yang telah kamu dengar. ¹³ Sekarang perbaiklah perilakumu dan perbuatanmu serta patuhilah Tuhan, Allahmu. Dengan demikian Tuhan akan menarik kembali malapetaka yang telah diancamkan-Nya atas kamu. ¹⁴ Mengenai aku, sesungguhnya, aku ada dalam tanganmu. Lakukanlah apa yang baik dan tepat menurut pandanganmu terhadap aku. ¹⁵ Hanya, ingatlah baik-baik bahawa jika kamu membunuh aku, maka kamu menanggungkan darah orang yang tidak bersalah atas dirimu sendiri, atas kota ini, dan atas penduduknya, kerana Tuhan benar-benar mengutus aku untuk menyampaikan segala firman ini kepadamu.”

¹⁶ Lalu para pembesar dan seluruh rakyat berkata kepada para imam dan nabi, “Orang ini tidak patut dihukum mati, kerana dia telah berbicara kepada kita atas nama Tuhan, Allah kita.”

¹⁷ Beberapa tua-tua negeri segera berkata pula kepada seluruh rakyat yang berkumpul itu demikian, ¹⁸ “Mikha, orang Moresyet, pernah bernubuat pada zaman Hizkia, raja Yehuda. Kepada seluruh rakyat Yehuda dia berkata, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta:
Sion akan dibajak seperti ladang,
Yerusalem akan menjadi timbunan puing,
dan gunung tempat Bait Suci akan menjadi
bukit berhutan.’

¹⁹ Adakah Hizkia, raja Yehuda, dan semua orang Yehuda membunuh dia? Bukankah Hizkia takut kepada Tuhan dan memohon belas kasihan Tuhan sehingga Tuhan menarik kembali malapetaka yang diancamkan-Nya terhadap mereka? Tetapi kita sendiri akan mendatangkan malapetaka besar terhadap diri sendiri!”

Uria dihukum mati

²⁰ Ada juga orang lain yang bernubuat atas nama Tuhan, iaitu Uria anak Semaya dari Kiryat-

Yearim. Dia bernubuat menentang kota serta negeri ini sama seperti yang dikatakan Yeremia. ²¹ Ketika Raja Yoyakim berserta semua kesateria dan pembesarnya mendengar perkataannya, raja berusaha membunuh dia. Apabila mendengar hal itu, Uria menjadi takut. Dia pun melarikan diri ke Mesir. ²² Lalu Raja Yoyakim mengutus Elnatan anak Akhbor berserta beberapa orang ke Mesir. ²³ Mereka membawa Uria dari Mesir dan menghadapkannya kepada Raja Yoyakim. Lalu raja membunuh dia dengan pedang dan mencampakkan mayatnya ke perkuburan rakyat jelata.

²⁴ Akan tetapi, Ahikam anak Safan melindungi Yeremia sehingga dia tidak diserahkan ke dalam tangan rakyat untuk dibunuh.

Disuruh memikul kuk Babel

27 ¹ Pada permulaan pemerintahan Zedekia anak Yosia, raja Yehuda, datanglah firman daripada Tuhan kepada Yeremia. ² Beginilah firman Tuhan kepadaku, “Buatlah tali pengikat dan kuk, lalu pasanglah pada tengkukmu. ³ Kemudian kirimlah pesan kepada raja Edom, raja Moab, raja bani Amon, raja Tirus, dan raja Sidon dengan perantaraan para utusan yang

datang ke Yerusalem untuk menghadap Zedekia, raja Yehuda. ⁴ Suruhlah orang itu menyatakan kepada tuan mereka, 'Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: "Inilah yang harus kamu sampaikan kepada tuan-tuanmu: ⁵ Akulah yang menjadikan bumi serta manusia dan binatang yang ada di atas muka bumi dengan kuasa-Ku yang besar dan lengan-Ku yang terhulur. Aku menyerahkannya kepada orang yang sesuai pada pandangan-Ku. ⁶ Sekarang, Aku menyerahkan seluruh negeri ini ke dalam tangan Nebukadnezar, raja Babel, hamba-Ku itu. Bahkan binatang liar pun telah Kuserahkan supaya takluk kepadanya. ⁷ Segala bangsa akan takluk kepadanya, kepada anaknya, dan kepada cucunya, sampailah tiba waktu negerinya sendiri jatuh. Pada waktu itu, banyak bangsa dan raja besar akan menaklukkannya.

⁸ Jika ada bangsa atau kerajaan yang tidak mahu takluk kepada Nebukadnezar, raja Babel, dan yang tidak mahu merelakan tengkuknya dikenakan kuk raja Babel, maka bangsa itu akan Kuhukum dengan pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit," demikianlah firman Tuhan, "sampai Aku menghancurkan mereka dengan perantaraannya. ⁹ Mengenai kamu, jangan dengarkan nabimu, penenungmu, tukang mimpimu, peramalmu, atau tukang sihirmu yang

berkata kepadamu, 'Kamu tidak akan takluk kepada raja Babel.' ¹⁰ Mereka menyampaikan nubuat dusta kepadamu sehingga kamu akan dijauhkan dari tanahmu. Aku akan menghalau kamu sehingga kamu binasa. ¹¹ Tetapi bangsa yang mahu merelakan tengkuknya dikenakan kuk raja Babel dan takluk kepadanya akan Kubiarkan tinggal di tanahnya sendiri, demikianlah firman Tuhan. Mereka akan menggarapnya dan tinggal di situ." ' "

¹² Kepada Zedekia, raja Yehuda, kusampaikan pula segala firman itu. Kataku, "Relakanlah tengkukmu dikenakan kuk raja Babel. Takluklah kepadanya dan kepada bangsanya supaya kamu hidup. ¹³ Mengapa engkau dan rakyatmu harus mati oleh pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit seperti yang difirmankan Tuhan tentang bangsa yang tidak mahu takluk kepada raja Babel? ¹⁴ Jangan dengarkan perkataan para nabi yang berkata kepadamu, 'Kamu tidak akan takluk kepada raja Babel,' kerana mereka menyampaikan nubuat dusta kepadamu. ¹⁵ 'Aku tidak mengutus mereka,' demikianlah firman Tuhan, 'tetapi mereka menyampaikan nubuat dusta atas nama-Ku, sehingga Aku menghalau kamu dan kamu pun binasa bersama-sama para nabi yang menyampaikan nubuat kepadamu itu.' "

¹⁶ Aku pun berbicara kepada para imam dan kepada seluruh rakyat itu demikian, “Beginilah firman Tuhan: Jangan dengarkan perkataan para nabimu yang menyampaikan nubuat kepadamu, ‘Sesungguhnya, segala alat kelengkapan Bait Tuhan akan segera dikembalikan dari Babel.’ Mereka menyampaikan nubuat dusta kepadamu. ¹⁷ Jangan dengarkan mereka. Takluklah kepada raja Babel, supaya kamu hidup. Mengapa kota ini harus menjadi reruntuhan? ¹⁸ Jika mereka memang nabi dan jika firman Tuhan ada pada mereka, biarlah mereka bermohon kepada Tuhan alam semesta, supaya saki-baki alat kelengkapan yang masih ada di Bait Tuhan, di istana raja Yehuda, dan di Yerusalem tidak dibawa pergi ke Babel.

¹⁹ Kerana beginilah firman Tuhan alam semesta, mengenai tiang-tiang, kolam, alas-alasnya, serta alat kelengkapan selebihnya yang tersisa di kota ini, ²⁰ yang tidak diambil oleh Nebukadnezar, raja Babel, ketika dia membuang Yekhonya anak Yoyakim, raja Yehuda, dari Yerusalem ke Babel beserta semua bangsawan Yehuda dan Yerusalem – ²¹ sungguh, beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, mengenai kelengkapan – segala saki-baki alat kelengkapan di Bait Tuhan, di istana raja Yehuda, dan di Yerusalem: ²² ‘Semua itu akan dibawa ke Babel

dan akan tinggal di sana sampai hari Aku mendatangnya lagi,' demikianlah firman Tuhan. 'Kemudian Aku akan membawa semua itu dan mengembalikannya ke tempat ini.' "

Hananya, nabi sesat

28¹ Pada tahun itu juga, pada awal zaman pemerintahan Zedekia raja Yehuda, iaitu tahun keempat pada bulan kelima, Nabi Hananya anak Azur yang berasal dari Gibeon berkata kepadaku dalam Bait Tuhan, di hadapan mata para imam dan seluruh rakyat,² "Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, 'Aku telah mematahkan kuk raja Babel.³ Dalam dua tahun ini Aku akan mengembalikan ke tempat ini segala alat kelengkapan Bait Tuhan yang telah diambil dari tempat ini oleh Nebukadnezar, raja Babel, dan yang dibawanya ke Babel.⁴ Aku juga akan mengembalikan ke tempat ini Yekhonya anak Yoyakim, raja Yehuda, dengan semua orang buangan dari Yehuda yang dibawa ke Babel,' demikianlah firman Tuhan, 'kerana Aku akan mematahkan kuk raja Babel.' "

⁵ Lalu Nabi Yeremia menjawab Nabi Hananya di hadapan mata para imam dan seluruh rakyat yang hadir di Bait Tuhan.⁶ Nabi Yeremia berkata,

“Amin! Semoga Tuhan berbuat demikian. Semoga Tuhan menepati hal-hal yang kamu nubuatkan itu dengan mengembalikan segala alat kelengkapan Bait Tuhan dan semua orang buangan dari Babel ke tempat ini. ⁷ Hanya, cubalah dengar perkataan yang kusampaikan kepadamu dan kepada seluruh rakyat ini. ⁸ Para nabi yang ada sebelum aku dan sebelum engkau sejak dahulukala telah bernubuat mengenai peperangan, malapetaka, dan wabak penyakit yang akan melanda banyak negeri serta kerajaan besar. ⁹ Nabi yang menubuatkan kedamaian hanya akan diakui sebagai nabi yang benar-benar diutus Tuhan jika kata-kata ucapannya menjadi kenyataan.”

¹⁰ Kemudian Nabi Hananya mengambil kuk dari tengkuk Nabi Yeremia lalu mematahkannya. ¹¹ Di depan mata seluruh rakyat Hananya berkata demikian, “Beginilah firman Tuhan, ‘Beginilah akan Kupatahkan kuk Nebukadnezar, raja Babel, dari tengkuk segala bangsa dalam dua tahun ini.’ ” Nabi Yeremia pun pergi meneruskan perjalanannya.

¹² Lalu datanglah firman Tuhan kepada Yeremia setelah Nabi Hananya mematahkan kuk daripada tengkuk Nabi Yeremia, ¹³ “Pergilah dan katakanlah kepada Hananya, ‘Beginilah firman Tuhan, “Engkau telah mematahkan kuk daripada

kayu, tetapi engkau akan membuat kuk daripada besi sebagai gantinya.”¹⁴ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, “Aku telah memasang kuk daripada besi pada tengkuk segala bangsa ini, supaya mereka takluk kepada Nebukadnezar, raja Babel. Mereka akan takluk kepadanya. Bahkan binatang liar pun telah Kuserahkan kepadanya.’ ”

¹⁵ Kemudian Nabi Yeremia berkata kepada Nabi Hananya, “Dengarlah, wahai Hananya! Tuhan tidak mengutus engkau, tetapi engkau telah membuat rakyat ini mempercayai dusta.¹⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, ‘Sesungguhnya, Aku akan mengusir engkau dari muka bumi. Pada tahun ini juga engkau akan mati, kerana engkau mengajarkan pembelotan terhadap Tuhan.’ ”

¹⁷ Maka matilah Nabi Hananya pada tahun itu juga pada bulan ketujuh.

Surat kepada orang buangan di Babel

29¹ Inilah isi surat yang dikirim Nabi Yeremia dari Yerusalem kepada saki-baki tua-tua antara orang buangan, kepada imam, nabi, dan seluruh rakyat yang dibuang oleh Nebukadnezar dari Yerusalem ke Babel.² Hal itu terjadi setelah Raja Yekhonya, bonda permaisuri, pegawai istana, pembesar Yehuda dan Yerusalem, tukang

dan pandai besi keluar dari Yerusalem. ³ Surat itu dikirim dengan perantaraan Elasa anak Safan dan Gemarya anak Hilkia yang diutus ke Babel oleh Zedekia, raja Yehuda, kepada Nebukadnezar, raja Babel. Bunyinya:

⁴ “Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, kepada semua orang buangan yang Kubuang dari Yerusalem ke Babel, ⁵ ‘Binalah rumah dan hunilah. Tanamlah kebun dan makanlah hasilnya. ⁶ Bernikahlah dan milikilah anak lelaki serta perempuan. Lamarlah isteri bagi anak-anak lelakimu dan carilah suami bagi anak-anak perempuanmu, supaya mereka memiliki anak lelaki serta perempuan. Biarlah bertambah ramai jumlahmu di sana, jangan berkurang. ⁷ Ikhtiarkanlah kesejahteraan kota tempat Aku membuang kamu. Berdoalah kepada Tuhan untuk kota itu, kerana kesejahteraannya ialah kesejahteraanmu.’

⁸ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Jangan tertipu oleh para nabi yang ada di tengah-tengahmu dan oleh penenungmu. Jangan dengarkan mimpi-mimpi yang dimimpikan mereka. ⁹ Mereka menyampaikan nubuat dusta kepadamu atas nama-Ku. Aku tidak mengutus mereka,’ demikianlah firman Tuhan.

¹⁰ Beginilah firman Tuhan, 'Apabila telah genap tujuh puluh tahun bagi Babel, barulah Aku melawat kamu. Aku akan menepati janji-Ku yang baik itu kepadamu dengan mengembalikan kamu ke tempat ini. ¹¹ Aku tahu rancangan-rancangan yang Kubuat bagi kamu,' demikianlah firman Tuhan, 'iaitu rancangan kesejahteraan, bukan malapetaka, untuk mengurniakan kepada kamu masa depan dan harapan. ¹² Kamu akan berseru kepada-Ku, datang dan berdoa kepada-Ku, dan Aku akan mendengar kamu. ¹³ Kamu akan mencari hadirat-Ku dan menemukan Aku apabila kamu mencari Aku dengan segenap hatimu. ¹⁴ Aku akan kamu temui,' demikianlah firman Tuhan. 'Aku akan memulihkan keadaanmu. Aku akan mengumpulkan kamu daripada segala bangsa dan dari segala tempat Aku menghalau kamu,' demikianlah firman Tuhan, 'dan Aku akan mengembalikan kamu ke tempat sebelum Aku membuang kamu.'

¹⁵ Kamu berkata, 'Tuhan telah membangkitkan bagi kita beberapa orang nabi di Babel.' ¹⁶ Tetapi beginilah firman Tuhan mengenai raja yang duduk di atas takhta Daud dan mengenai seluruh rakyat yang tinggal di kota ini, iaitu

saudara-saudaramu yang tidak diangkut bersama-sama kamu ke tempat pembuangan.

¹⁷ Beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit kepada mereka. Aku akan menjadikan mereka seperti buah ara busuk, yang tidak dapat dimakan kerana buruknya. ¹⁸ Aku akan mengejar mereka dengan pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit. Akan Kubuat mereka menjadi kengerian bagi segala kerajaan di bumi, menjadi kutukan, kengerian, cemuhan, dan celaan dalam kalangan bangsa tempat Aku menghalau mereka, ¹⁹ kerana mereka tidak mendengar firman-Ku,' demikianlah firman Tuhan, 'yang Kusampaikan terus-menerus kepada mereka melalui hamba-hamba-Ku para nabi, tetapi tidak juga kamu dengarkan,' demikianlah firman Tuhan. ²⁰ Oleh sebab itu dengarlah firman Tuhan, wahai semua orang buangan yang telah Kusuruh pergi dari Yerusalem ke Babel!

²¹ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, mengenai Ahab anak Kolaya dan mengenai Zedekia anak Maaseya yang telah menyampaikan nubuat dusta kepadamu atas nama-Ku, 'Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan mereka ke dalam tangan

Nebukadnezar, raja Babel. Dia akan membunuh mereka di hadapan matamu. ²² Nasib mereka akan dijadikan ucapan kutukan oleh semua orang buangan dari Yehuda yang ada di Babel, demikian, “Kiranya Tuhan menjadikan engkau seperti Zedekia dan seperti Ahab yang dipanggang oleh raja Babel di dalam api,” ²³ kerana mereka telah melakukan kekejian di Israel. Mereka telah berzina dengan isteri jiran mereka dan telah mengucapkan perkataan dusta atas nama-Ku – hal yang tidak pernah Kuperintahkan kepada mereka. Aku mengetahuinya dan menjadi saksi, demikianlah firman Tuhan.”

Sikap seorang buangan terhadap surat Yeremia

²⁴ Katakanlah kepada Semaya, orang Nehelam itu, ²⁵ “Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Engkau telah mengirim surat atas namamu sendiri kepada seluruh rakyat yang ada di Yerusalem, kepada Imam Zefanya anak Maaseya, dan kepada semua imam, mengatakan:

²⁶ Tuhan telah mengangkat engkau, Zefanya, menjadi imam untuk menggantikan Imam Yoyada, supaya engkau menjadi pengawas di Bait Tuhan. Setiap orang yang gila dan yang mengaku diri sebagai nabi harus kaumasukkan ke dalam pasungan dan belunggu. ²⁷ Sekarang,

mengapa engkau tidak mengherdik Yeremia, orang Anatot itu, yang mengaku diri sebagai nabi yang meramal dalam kalangan kamu?

²⁸ Padahal dia telah mengirim pesan kepada kami di Babel demikian: Masa pembuangan akan lama. Bangunlah rumah dan hunilah. Tanamlah kebun dan makanlah hasilnya.’ ”

²⁹ Surat itu dibaca oleh Imam Zefanya bagi Nabi Yeremia. ³⁰ Kemudian datanglah firman Tuhan kepada Yeremia demikian, ³¹ “Kirimlah pesan kepada semua orang buangan itu, ‘Beginilah firman Tuhan mengenai Semaya, orang Nehelam itu: Kerana Semaya telah menyampaikan nubuat kepadamu padahal Aku tidak mengutus dia, dan dia telah menyebabkan kamu mempercayai dusta, ³² maka beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku akan menghukum Semaya, orang Nehelam itu, dan keturunannya. Tidak ada seorang pun daripada keturunannya yang akan tinggal di tengah-tengah bangsa ini. Dia tidak akan melihat kebaikan yang akan Kulakukan terhadap umat-Ku, demikianlah firman Tuhan, kerana dia telah mengajarkan pembelotan terhadap Tuhan.’ ”

Janji pemulihan Israel

30 ¹ Firman daripada Tuhan turun kepada Yeremia demikian, ² “Beginilah firman

Tuhan, Allah Israel, 'Tulislah segala firman yang telah Kusampaikan kepadamu dalam sebuah kitab. ³ Sesungguhnya, waktunya akan datang,' demikianlah firman Tuhan, 'bahawa Aku akan memulihkan keadaan umat-Ku Israel dan Yehuda,' demikianlah firman Tuhan, 'dan Aku akan mengembalikan mereka ke negeri yang telah Kukurniakan kepada nenek moyang mereka. Mereka akan memilikinya.' "

⁴ Inilah firman yang disampaikan Tuhan mengenai Israel dan mengenai Yehuda,

⁵ "Beginilah firman Tuhan:

'Kami telah mendengar bunyi kegemparan, kengerian, dan bukan damai.

⁶ Tanyakan dan perhatikanlah, adakah lelaki bersalin?

Mengapa pula Kulihat setiap lelaki meletakkan tangan di pinggang seperti perempuan yang akan bersalin, dan setiap muka berubah menjadi pucat?

⁷ Aduh, alangkah dahsyat hari itu!

Tidak ada taranya.

Itulah masa kesesakan bagi Yakub, tetapi dia akan diselamatkan.'

⁸ 'Pada hari itu,' demikianlah firman Tuhan alam semesta, 'Aku akan mematahkan kuk dari tengkuk mereka dan memutuskan tali pengikat mereka. Orang asing tidak akan memperhamba

mereka lagi. ⁹ Mereka akan menghamba kepada Tuhan, Allah mereka, dan kepada Daud, raja mereka, yang akan Kubangkitkan bagi mereka.'

¹⁰ 'Janganlah takut, wahai hamba-Ku Yakub,' demikianlah firman Tuhan, 'dan janganlah kecut hati, wahai Israel! Sesungguhnya, Aku akan menyelamatkan engkau dari tempat yang jauh dan keturunanmu dari negeri tempat mereka ditawan.

Yakub akan kembali dan hidup tenang, aman tanpa ada yang mengusik.

¹¹ Sungguh, Aku menyertai engkau,' demikianlah firman Tuhan, 'untuk menyelamatkan engkau. Aku akan memusnahkan segala bangsa tempat Aku menceraikan engkau, tetapi Aku tidak akan membinasakan engkau sama sekali.

Meski demikian, Aku akan menghukum engkau dengan adil, dan tidak akan begitu sahaja membebaskan engkau daripada hukuman.'

¹² Beginilah firman Tuhan, 'Lukamu tidak tersembuhkan,

cederamu berat.

¹³ Tidak ada yang membela perkaramu,
tidak ada ubat bagi bisulmu,
tidak ada kesembuhan bagimu.

¹⁴ Semua kekasihmu melupakan engkau,
mereka tidak mencari engkau.

Aku telah menghukum engkau seperti seorang
musuh memukul,
seperti seorang bengis mengajar,
kerana kesalahanmu banyak
dan dosamu besar.

¹⁵ Mengapa engkau menjerit kerana lukamu?
Sakitmu tidak disembuhkan.
Kerana kesalahanmu banyak
dan dosamu besar,
maka Kulakukan semua ini terhadapmu.

¹⁶ Namun begitu, semua orang yang melahap
engkau akan dilahap.

Semua lawanmu akan diangkut ke tempat
pembuangan.

Orang yang menjarah engkau akan menjadi
jarah.

Semua orang yang merampas engkau akan
Kujadikan rampasan.

¹⁷ Aku akan mendatangkan kesembuhan
bagimu

dan Aku akan mengubati luka-lukamu,
demikianlah firman Tuhan,

'kerana mereka telah menyebut engkau yang
terbuang,
Sion yang tidak diperhatikan oleh seorang pun.'

¹⁸ Beginilah firman Tuhan,

'Sesungguhnya, Aku akan memulihkan keadaan
khemah-khemah Yakub

dan mengasihani kediaman-kediamannya.

Kota itu akan dibangun kembali di atas
timbunan puingnya,

dan purinya akan berdiri di tempatnya semula.

¹⁹ Dari dalamnya akan keluar ucapan syukur
dan suara orang bersuka ria.

Aku akan memperbanyak jumlah mereka
sehingga mereka tidak berkurang.

Aku akan memuliakan mereka sehingga mereka
tidak dihina.

²⁰ Anak-anak mereka akan seperti pada zaman
dahulu,

dan perhimpunan mereka akan tetap ada di
hadapan-Ku.

Aku akan menghukum semua orang yang
menindas mereka.

²¹ Pemimpin mereka akan berasal daripada
mereka sendiri,

penguasa mereka akan muncul daripada
kalangan mereka.

Aku akan mengizinkan dia maju dan mendekat
kepada-Ku,

kerana siapakah yang berani mempertaruhkan
nyawa
untuk mendekat kepada-Ku?’ demikianlah
firman Tuhan.

²² ‘Kamu akan menjadi umat-Ku
dan Aku akan menjadi Allahmu.’ ”

²³ Lihat, badai Tuhan!

Murka memancar. Angin yang menyeret,
yang berputar melanda kepala orang fasiq.

²⁴ Murka Tuhan yang menyala-nyala itu tidak
akan surut sampai Dia selesai mengerjakan
dan melaksanakan rancangan-rancangan
hati-Nya.

Pada hari-hari kemudian kamu akan mengerti
hal itu.

Israel kembali ke negeri sendiri

31 ¹ “Pada waktu itu juga,” demikianlah
firman Tuhan, “Aku akan menjadi Allah
bagi seluruh kaum orang Israel dan mereka akan
menjadi umat-Ku.”

² Beginilah firman Tuhan,

“Bangsa yang terselamat daripada pedang itu
mendapat rahmat di gurun.

Aku akan datang untuk menenangkan Israel.”

³ Tuhan menampakkan diri kepadaku dari jauh,
firman-Nya:

“Aku mengasihi engkau dengan kasih yang kekal,
sebab itu Aku menuntun engkau dengan kasih abadi.

⁴ Aku akan membangunkan engkau kembali, sehingga engkau dibangunkan, wahai perawan Israel.

Engkau akan menghias diri kembali dengan rebana

dan akan tampil dalam tari-tarian orang yang bersuka ria.

⁵ Engkau akan menanam kebun anggur kembali di gunung-gunung Samaria.

Para penanam akan menanam dan akan menikmati hasilnya.

⁶ Sungguh, akan datang harinya ketika para penjaga berseru di Pergunungan Efraim, ‘Mari kita pergi ke Sion, menghadap Tuhan, Allah kita.’ ”

⁷ Beginilah firman Tuhan,

“Bersorak-sorailah dengan gembira bagi Yakub, bersoraklah kerana pemimpin bangsa-bangsa. Khabarkanlah, sanjunglah, dan katakanlah, ‘Ya Tuhan, selamatkanlah umat-Mu, iaitu saki-baki orang Israel.’

⁸ Sesungguhnya, Aku akan membawa mereka dari tanah utara

dan akan mengumpulkan mereka dari
hujung-hujung bumi.

Antara mereka ada orang buta dan orang
tempang,

ada perempuan yang mengandung dan juga
yang baru bersalin.

Suatu kumpulan yang besar akan kembali ke
mari!

⁹ Mereka akan datang sambil menangis,
mereka akan berdoa selagi Aku membawa
mereka.

Aku akan memimpin mereka ke tepi perairan
serta di jalan yang rata, tempat mereka tidak
akan tersandung,

kerana Akulah bapa bagi Israel,
dan Efraim ialah anak-Ku yang sulung.

¹⁰ Dengarlah firman Tuhan, wahai bangsa-
bangsa,

uar-uarkanlah di daerah-daerah pesisir yang
jauh,

katakanlah, 'Dia yang menyerakkan Israel akan
mengumpulkannya kembali

dan menjaganya seperti gembala menjaga
kawanan dombanya.'

¹¹ Tuhan telah menebus Yakub

dan melepaskan dia daripada tangan-tangan
yang lebih kuat daripadanya.

¹² Mereka akan datang bersorak-sorai di tempat tinggi Sion.

Mereka akan berseri-seri kerana kebaikan Tuhan,

kerana gandum, air anggur, dan minyak, kerana anak-anak domba dan lembu.

Jiwa mereka akan seperti taman yang diairi, mereka tidak akan merana lagi.

¹³ Pada waktu itu perawan akan gembira menari,

begitu pula para pemuda bersama-sama orang tua.

Aku akan mengubah perkabungan mereka menjadi kegirangan,

Aku akan menghiburkan mereka dan membuat mereka bersukacita setelah kedukaan mereka.

¹⁴ Aku akan memuaskan jiwa para imam dengan kelimpahan

dan umat-Ku akan dikenyangkan oleh kebaikan-Ku,"

demikianlah firman Tuhan.

¹⁵ Beginilah firman Tuhan,

"Satu suara terdengar di Rama, perkabungan dan rintih ratap yang getir.

Rahel meratapi anak-anaknya;

dia tidak mahu dilipur hatinya kerana
anak-anaknya,

kerana mereka tiada lagi.”

¹⁶ Beginilah firman Tuhan,

“Tahanlah suaramu daripada menangis
dan matamu daripada mencucurkan air mata,
kerana ada pahala untuk pekerjaanmu,”

demikianlah firman Tuhan.

“Mereka akan kembali dari negeri musuh.

¹⁷ Ada harapan bagi masa depanmu,”

demikianlah firman Tuhan.

“Anak-anakmu akan kembali ke daerah mereka.

¹⁸ Aku sungguh-sungguh telah mendengar

Efraim meratap:

‘Engkau telah menghukum aku, dan aku telah
menerima hukuman,

seperti anak lembu yang tidak terlatih.

Buatlah aku bertaubat, maka aku akan

bertaubat,

kerana Engkaulah Tuhan, Allahku.

¹⁹ Sungguh, setelah aku bertaubat, aku
menyesal.

Setelah aku belajar, aku menepuk paha tanda
berkabung.

Aku malu, bahkan mendapat aib,

kerana aku menanggung cela masa mudaku.’

²⁰ Adakah Efraim itu anak kesayangan bagi-Ku,
adakah dia anak emas?

Kerana setiap kali Aku mengancam dia,
Aku pasti terkenang lagi kepadanya.
Itulah sebabnya hati-Ku rindu kepadanya,
Aku pasti mengasihaniya,”
demikianlah firman Tuhan.

²¹ “Dirikanlah rambu-rambu jalan,
pasanglah tiang-tiang penanda.
Perhatikanlah jalan raya,
iaitu jalan yang telah kautempuh.
Kembalilah, wahai perawan Israel,
kembalilah ke kota-kotamu ini.

²² Berapa lama lagi engkau akan mundar-
mandir,
wahai anak perempuan yang tidak setia?
Sungguh, Tuhan menciptakan sesuatu yang
baru di negeri:
perempuan melindungi lelaki.”

²³ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah
Israel, “Orang akan mengucapkan perkataan ini
lagi di Tanah Yehuda dan di kota-kotanya ketika
Aku memulihkan keadaan mereka, ‘Semoga
Tuhan memberkati engkau, wahai tempat
kediaman kebenaran, wahai gunung yang suci!’

²⁴ Orang Yehuda dan penduduk segala kotanya
akan tinggal di situ bersama-sama, baik para
petani mahupun orang yang mengembara
dengan kawanan ternakan mereka. ²⁵ Aku akan

memuaskan jiwa yang lelah, dan setiap jiwa yang merana akan Kukenyangkan.”

²⁶ Kerana hal itu aku terjaga lalu memandang ke sekeliling. Tidurku menyenangkan bagiku.

²⁷ “Sesungguhnya, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa Aku akan menaburi keturunan kaum Israel dan keturunan kaum Yehuda dengan benih manusia serta dengan benih haiwan. ²⁸ Jadi, sebagaimana Aku telah mengawasi mereka untuk mencabut, merobohkan, meruntuhkan, memusnahkan, dan menghancurkan, demikianlah Aku akan mengawasi mereka untuk membangunkan serta menanam,” demikianlah firman Tuhan. ²⁹ Pada waktu itu orang tidak akan berkata lagi,

‘Ayah makan buah anggur masam
dan gigi anak-anaknya menjadi ngilu.’

³⁰ Tetapi setiap orang akan mati kerana kesalahannya sendiri. Setiap manusia yang makan buah anggur masam, giginya sendiri menjadi ngilu.

³¹ Lihatlah, akan tiba harinya,” firman Tuhan, “apabila Aku membuat perjanjian baru dengan keturunan kaum Israel dan keturunan kaum Yehuda.

³² Tidak seperti perjanjian yang telah Kubuat dengan nenek moyang mereka ketika Aku membimbing tangan mereka untuk membawa mereka keluar dari Tanah Mesir.

Perjanjian-Ku itu telah diingkari mereka, sungguhpun Aku ini seperti suami bagi mereka,”

demikianlah firman Tuhan.

³³ Inilah perjanjian yang akan Kubuat dengan keturunan kaum Israel selepas zaman itu,”

Tuhan berfirman,

“Aku akan meletakkan hukum-Ku dalam fikiran mereka

dan menuliskannya dalam hati mereka.

Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku.

³⁴ Tiada seorang pun daripada mereka akan mengajar jirannya atau saudaranya dengan berkata,

‘Kenalilah Tuhan,’

kerana semuanya, daripada yang terkecil kepada yang terbesar, akan mengenal Aku,”

demikianlah firman Tuhan. “Aku akan mengampunkan kesalahan mereka dan tidak akan mengingati dosa mereka lagi.”

³⁵ Beginilah firman Tuhan – yang mengurniakan matahari untuk menerangi siang, yang menetapkan bulan serta bintang-bintang untuk menerangi malam, yang menggelorakan laut sehingga gelombang-gelombangnya menderu – Tuhan alam semesta, nama-Nya,

³⁶ “Jika ketetapan-ketetapan ini dapat hilang dari hadapan-Ku,”

demikianlah firman Tuhan, “barulah keturunan Israel akan terputus menjadi sebuah bangsa di hadapan-Ku untuk sepanjang masa.”

³⁷ Beginilah firman Tuhan, “Jika langit di atas dapat diukur dan dasar bumi di bawah dapat diselidiki, barulah Aku akan menolak seluruh keturunan Israel

kerana segala hal yang telah dilakukan mereka,” demikianlah firman Tuhan.

³⁸ “Sesungguhnya, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa kota itu akan dibangun kembali bagi kemuliaan Tuhan, dari Menara Hananeel sampai ke Pintu

Gerbang Sudut. ³⁹ Tali pengukur masih akan terus merentang ke Bukit Gareb, lalu membelok ke Goa. ⁴⁰ Seluruh lembah tempat mayat dan abu, serta seluruh ladang sampai ke Sungai Kidron dan sudut Pintu Gerbang Kuda ke arah timur, akan menjadi suci bagi Tuhan. Kota itu tidak akan dibongkar dan tidak akan diruntuhkan lagi untuk selama-lamanya.”

Pembelian ladang sebagai jaminan keselamatan Yehuda

32 ¹ Pada tahun kesepuluh zaman pemerintahan Zedekia, raja Yehuda, yaitu tahun kelapan belas zaman pemerintahan Nebukadnezar, datanglah firman daripada Tuhan kepada Yeremia. ² Pada waktu itu pasukan raja Babel mengepung Yerusalem, sedangkan Nabi Yeremia dikurung di pelataran penjagaan, di istana raja Yehuda.

³ Dia dikurung oleh Zedekia, raja Yehuda, yang berkata, “Mengapa engkau bernubuat demikian, ‘Beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan kota ini ke dalam tangan raja Babel, dan dia akan merebutnya. ⁴ Zedekia, raja Yehuda, tidak akan terselamat daripada tangan orang Kasdim, tetapi pasti diserahkan ke dalam

tangan raja Babel. Dia akan berbicara dengan raja Babel secara langsung dan mereka akan bertentang muka. ⁵ Zedekia akan dibawanya ke Babel dan dia akan tinggal di sana sampai Aku mendatangnya, demikianlah firman Tuhan. Apabila kamu berperang melawan orang Kasdim, kamu tidak akan beruntung’?”

⁶ Yeremia berkata, “Firman Tuhan datang kepadaku demikian: ⁷ Sesungguhnya, Hanameel, anak bapa saudaramu Salum, akan datang kepadamu dan berkata, ‘Belilah ladangku yang terletak di Anatot, kerana engkaulah yang mempunyai hak tebus untuk membelinya.’

⁸ Kemudian, selaras dengan firman Tuhan datanglah Hanameel, anak bapa saudaraku, menemui aku di pelataran penjagaan. Dia berkata kepadaku, ‘Belilah ladangku yang ada di Anatot, di Tanah Benyamin, kerana engkaulah yang mempunyai hak milik dan hak tebusnya. Belilah ladang itu bagimu sendiri.’ Maka tahulah aku bahawa itu ialah firman Tuhan.

⁹ Lalu aku membeli ladang yang di Anatot itu daripada Hanameel, anak bapa saudaraku, dan menimbang wang untuknya sebanyak tujuh belas syikal perak. ¹⁰ Aku menandatangani surat pembelian, memateraiannya, mendatangkan saksi-saksi, dan menimbang wang itu dengan neraca. ¹¹ Selanjutnya aku mengambil surat

pembelian yang telah dimaterai itu, yang berisi peraturan dan syarat bersertakan salinannya yang terbuka, ¹² lalu kuserahkan surat pembelian itu kepada Barukh anak Neria anak Mahseya di hadapan mata Hanameel, anak bapa saudaraku, di hadapan mata para saksi yang menandatangani surat pembelian itu, dan di hadapan mata semua orang Yehuda yang hadir di pelataran penjagaan itu. ¹³ Di depan mata mereka aku memerintahkan Barukh, ¹⁴ ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Ambillah surat-surat ini, baik surat pembelian yang telah dimaterai ini mahupun salinan yang terbuka ini. Taruhlah semua itu dalam bejana tanah supaya tahan lama. ¹⁵ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Rumah, ladang, dan kebun anggur di negeri ini akan dibeli lagi.’

¹⁶ Setelah surat pembelian itu kuserahkan kepada Barukh anak Neria, aku pun berdoa kepada Tuhan, ¹⁷ “Ah, ya Tuhan Allah, sesungguhnya Engkaulah yang menjadikan langit dan bumi dengan kuasa-Mu yang besar dan dengan lengan-Mu yang terhulur. Tidak ada sesuatu hal yang mustahil bagi-Mu. ¹⁸ Engkau menunjukkan kasih abadi kepada beribu-ribu orang dan membalas kesalahan nenek moyang kepada anak cucu. Ya Allah yang besar dan

perkasa, yang bernama Tuhan alam semesta,¹⁹ rancangan-Mu besar dan pekerjaan-Mu agung. Pandangan-Mu terarah pada segala jalan hidup anak-anak manusia, dan Engkau mengganjar setiap orang menurut jalan hidupnya serta menurut hasil perbuatannya.²⁰ Engkaulah yang mengadakan tanda-tanda dan mukjizat-mukjizat di Tanah Mesir dan melanjutkannya sampai hari ini, baik antara orang Israel mahupun antara umat manusia. Engkau menjadikan diri-Mu masyhur sebagaimana nyata pada hari ini.

²¹ Engkau telah membawa umat-Mu Israel keluar dari Tanah Mesir dengan tanda dan mukjizat, dengan tangan yang perkasa dan lengan yang terhulur, dan dengan kedahsyatan yang besar.

²² Engkau telah mengurniakan kepada mereka tanah ini, yang telah Kaujanjikan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka untuk dikurniakan kepada mereka, sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu.²³ Mereka masuk dan mendudukinya, tetapi mereka tidak mahu mematuhi-Mu atau menuruti hukum-Mu. Mereka tidak melakukan segala sesuatu yang Kauperintahkan kepada mereka untuk dilakukan. Itulah sebabnya Engkau menimpakan segala malapetaka ini kepada mereka.

²⁴ Lihatlah, tambak-tambak pengepung yang digunakan untuk merebut kota ini datang

mendekatinya. Melalui pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit, kota ini telah diserahkan ke dalam tangan orang Kasdim yang memerangnya. Apa yang Kaufirmankan telah terjadi. Sungguh, Engkau melihatnya.

²⁵ Engkau telah berfirman kepadaku, ya Tuhan Allah, 'Belilah ladang itu dengan perak dan datangkanlah para saksi,' padahal kota ini telah diserahkan ke dalam tangan orang Kasdim."

²⁶ Datanglah firman Tuhan kepada Yeremia demikian, ²⁷ "Sesungguhnya, Akulah Tuhan, Allah semua manusia. Adakah sesuatu hal yang mustahil bagi-Ku? ²⁸ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan kota ini ke dalam tangan orang Kasdim dan ke dalam tangan Nebukadnezar, raja Babel. Dia akan merebutnya. ²⁹ Orang Kasdim yang memerangi kota ini akan datang dan membakar habis kota ini. Mereka akan membakarnya bersama-sama rumah-rumah yang bumbungnya menjadi tempat membakar dupa bagi Baal dan tempat mencurahkan persembahan minuman kepada tuhan-tuhan lain untuk membangkitkan murka-Ku. ³⁰ Sungguh, bani Israel dan bani Yehuda semata-mata melakukan apa yang jahat di mata-Ku sejak

masa muda mereka. Bani Israel semata-mata membangkitkan murka-Ku dengan perbuatan tangan mereka, demikianlah firman Tuhan.

³¹ Kota ini telah membangkitkan amarah-Ku dan murka-Ku sejak pertama kali dibangun sampai hari ini, sehingga Aku harus menyingkirkannya dari hadapan-Ku, ³² kerana segala kejahatan yang dilakukan bani Israel dan bani Yehuda untuk membangkitkan murka-Ku – baik mereka, raja-raja mereka, para pembesar mereka, para imam mereka, para nabi mereka, orang Yehuda, mahupun penduduk Yerusalem. ³³ Mereka menghadapkan belakang kepada-Ku, bukan muka. Sungguhpun Aku mengajar mereka terus-menerus, mereka tidak mahu mendengar dan menerima pengajaran. ³⁴ Mereka menaruh tuhan mereka yang menjijikkan di dalam bait yang disebut dengan nama-Ku, sehingga bait itu menjadi najis. ³⁵ Mereka membangunkan bukit-bukit pemujaan bagi Baal di Lembah Ben-Hinom untuk mempersembahkan anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan sebagai korban yang dibakar bagi Molokh – hal yang tidak pernah Kuperintahkan kepada mereka, dan tidak pernah timbul dalam hati-Ku bahawa mereka

32:34: 2Raj 23:10; Yer 7:30,31; 19:1-6.

32:35 a: 2Raj 23:10; Yer 7:31; **b:** Im 18:21.

harus melakukan kekejian itu – sehingga orang Yehuda berdosa.

³⁶ Maka sekarang, beginilah firman Tuhan, Allah Israel, mengenai kota yang kamu katakan telah diserahkan ke dalam tangan raja Babel melalui pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit:

³⁷ Sesungguhnya, Aku akan mengumpulkan mereka dari segala negeri tempat Aku menghalau mereka dalam murka-Ku, kegusaran-Ku, dan amarah-Ku yang besar. Aku akan mengembalikan mereka ke tempat ini dan membuat mereka tinggal dengan aman. ³⁸ Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku akan menjadi Allah mereka.

³⁹ Aku akan mengurniakan kepada mereka satu hati dan satu jalan hidup sehingga mereka bertakwa kepada-Ku sepanjang masa demi kebaikan mereka dan keturunan mereka kelak.

⁴⁰ Aku akan mengikat perjanjian yang kekal dengan mereka, bahwa Aku tidak akan berhenti berbuat baik kepada mereka. Aku akan menaruh dalam hati mereka ketakwaan kepada-Ku supaya mereka tidak menjauh daripada-Ku. ⁴¹ Aku akan berasa girang berbuat baik kepada mereka dan Aku akan menempatkan mereka di negeri ini dengan kesetiaan, dengan segenap hati-Ku dan dengan segenap jiwa-Ku.

⁴² Beginilah firman Tuhan: Sebagaimana Aku telah mendatangkan bagi bangsa ini segala

malapetaka yang besar itu, demikianlah Aku akan mendatangkan bagi mereka segala kebaikan yang telah Kujanjikan kepada mereka. ⁴³ Orang akan membeli ladang lagi di negeri ini, yang kamu katakan, ‘Tempat itu sunyi sepi, tanpa manusia dan haiwan. Tanah itu telah diserahkan ke dalam tangan orang Kasdim.’ ⁴⁴ Orang akan membeli ladang dengan perak, menandatangani surat pembelian, memateraiannya, dan mendatangkan para saksi di Tanah Benyamin, di tempat-tempat sekeliling Yerusalem, di kota-kota Yehuda, di kota-kota pergunungan, di kota-kota dataran rendah, dan di kota-kota Tanah Negeb, kerana Aku akan memulihkan keadaan mereka, demikianlah firman Tuhan.”

Janji pemulihan keadilan Yerusalem dan Yehuda

33 ¹ Ketika Yeremia masih terkurung di pelataran penjagaan, datanglah firman Tuhan kepadanya untuk kali keduanya demikian, ² “Beginilah firman Tuhan yang menjadikan bumi – Tuhan, yang membentuk dan menegakkannya; Tuhan nama-Nya: ³ ‘Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab engkau dan menyatakan kepadamu hal-hal yang besar dan tidak terselami, iaitu hal-hal yang tidak kauketahui.’ ⁴ Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, mengenai rumah-rumah di kota ini dan mengenai gedung-gedung

istana raja Yehuda yang dirobuhkan untuk digunakan untuk menghadapi tambak-tambak pengepung dan pedang, ⁵ 'Orang akan datang memerangi orang Kasdim dan kota ini akan dipenuhi mayat manusia yang Kumusnahkan dalam murka-Ku dan dalam amarah-Ku. Aku telah menyembunyikan hadirat-Ku dari kota ini kerana segala kejahatan mereka. ⁶ Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan kesihatan dan kesembuhan bagi kota ini. Aku akan menyembuhkan mereka dan menyatakan kepada mereka kesejahteraan serta kebenaran yang berlimpah-limpah. ⁷ Aku akan memulihkan keadaan Yehuda dan keadaan Israel lalu membangunkan mereka seperti sebelumnya. ⁸ Aku akan menyucikan mereka daripada segala kesalahan yang dilakukan mereka dengan berdosa terhadap Aku. Aku akan mengampunkan segala kesalahan yang dilakukan mereka dengan berdosa dan menderhaka terhadap Aku. ⁹ Bagi-Ku kota ini akan menjadi pokok kegirangan yang ternama, terpuji, dan terhormat di depan segala bangsa di bumi yang akan mendengar segala kebaikan yang Kulakukan terhadapnya. Mereka akan takut dan gementar kerana segala kebaikan dan segala kesejahteraan yang Kulakukan terhadapnya.'

¹⁰ Beginilah firman Tuhan, 'Di tempat ini, yang kamu katakan telah rosak, tanpa manusia

dan tanpa haiwan – di kota-kota Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem yang sunyi, tanpa manusia, tanpa penduduk, dan tanpa haiwan – akan terdengar lagi ¹¹suara kegirangan dan suara kegembiraan, suara pengantin lelaki dan suara pengantin perempuan, suara orang yang membawa korban syukur ke Bait Tuhan sambil berkata,

“Mengucap syukurlah kepada Tuhan alam semesta,

kerana Tuhan itu baik,

kasih-Nya kekal selama-lamanya!”

Aku akan memulihkan keadaan negeri ini seperti sebelumnya,’ demikianlah firman Tuhan.

¹² Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Di tempat ini, yang telah rosak, tanpa manusia dan haiwan, dan di segala kotanya akan ada lagi padang ragut bagi para gembala untuk membaringkan kawanan domba. ¹³ Di kota-kota pergunungan, di kota-kota dataran rendah, di kota-kota Tanah Negeb, di Tanah Benyamin, di sekeliling Yerusalem, dan di kota-kota Yehuda, kawanan domba akan berlalu lagi di bawah tangan orang yang menghitungnya,’ demikianlah firman Tuhan.”

Perjanjian dengan keturunan Daud dan keturunan Lewi

¹⁴ “Sesungguhnya, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa Aku akan menepati janji yang baik yang telah Kufirmankan kepada keturunan kaum Israel dan keturunan kaum Yehuda.

¹⁵ Pada waktu itu dan pada saat itu Aku akan menumbuhkan Tunas yang benar bagi Daud^p.

Dia akan menegakkan keadilan dan perbenaran^q di negeri.

¹⁶ Pada masa itu Yehuda akan diselamatkan dan Yerusalem akan berdiam dengan aman. Inilah nama yang akan disebutkan kepadanya, ‘Tuhan sumber perbenaran kita.’ ”

¹⁷ Beginilah firman Tuhan, ‘Tidak akan terputus keturunan Daud yang duduk di atas takhta kerajaan keturunan kaum Israel. ¹⁸ Tidak akan

^p**33:15** Tunas yang benar bagi Daud: Lihat nota kaki Yer. 23:5; Yes. 11:1.

^q**33:15** Perbenaran: Antara maknanya ialah yang benar, tulus dan baik.

33:14: Yer 23:5,6.

33:17: 2Sam 7:12-16; 1Raj 2:4; 1Taw 17:11-14.

33:18: Bil 3:5-10.

terputus di hadapan-Ku keturunan imam bani Lewi yang mempersembahkan korban bakaran, membakar persembahan bahan makanan, dan mengolah korban sembelihan sepanjang masa.' ”

¹⁹ Firman Tuhan datang kepada Yeremia demikian, ²⁰ “Beginilah firman Tuhan, ‘Jika kamu dapat membatalkan perjanjian-Ku dengan siang dan dengan malam, sehingga siang dan malam tidak datang lagi pada waktunya, ²¹ barulah perjanjian-Ku dengan hamba-Ku Daud dapat dibatalkan sehingga tidak ada keturunannya yang memerintah di atas takhtanya. Begitu juga perjanjian-Ku dengan para imam bani Lewi, yaitu orang yang menyelenggarakan ibadat di hadapan-Ku. ²² Seperti benda langit tidak terhitung dan pasir laut tidak tertakung, demikianlah Aku akan memperbanyak keturunan hamba-Ku Daud dan bani Lewi yang menyelenggarakan ibadat di hadapan-Ku.”

²³ Firman Tuhan datang kepada Yeremia demikian, ²⁴ “Tidakkah kauperhatikan apa yang diucapkan bangsa ini? Mereka berkata, ‘Tuhan telah menolak kedua-dua kaum yang dipilih-Nya.’ Mereka menista umat-Ku sehingga tidak lagi menganggapnya sebagai sebuah bangsa.

²⁵ Beginilah firman Tuhan, ‘Jika tidak Kubuat perjanjian dengan siang dan malam, dan tidak Kubuat ketetapan mengenai langit dan bumi,

²⁶ barulah Aku akan menolak keturunan Yakub dan hamba-Ku Daud, sehingga tidak ada seorang pun daripada keturunannya yang akan diangkat untuk berkuasa atas keturunan Abraham, Ishak, dan Yakub. Akan tetapi, Aku akan memulihkan keadaan mereka dan mengasihani mereka.' ”

Yeremia memberitahukan nasib Raja Zedekia

34 ¹ Demikianlah firman yang turun daripada Tuhan kepada Yeremia ketika Nebukadnezar, iaitu raja Babel, berserta dengan seluruh pasukannya dan segala kerajaan di bumi serta segala bangsa yang ada di bawah kuasanya sedang memerangi Yerusalem dan segala kotanya, ² “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Pergilah dan bicaralah kepada Zedekia, raja Yehuda. Katakan kepadanya, ‘Beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan kota ini ke dalam tangan raja Babel dan dia akan membakarnya habis. ³ Engkau tidak akan dapat menyelamatkan diri daripada tangannya, melainkan pasti ditangkap dan diserahkan ke dalam tangannya. Engkau akan bertatapan muka dengan raja Babel dan dia akan berbicara denganmu secara langsung, lalu engkau akan pergi ke Babel. ⁴ Meskipun begitu, dengarlah

firman Tuhan, wahai Zedekia, raja Yehuda! Beginilah firman Tuhan mengenai engkau: Engkau tidak akan mati oleh pedang, ⁵ melainkan akan mati dengan damai. Sebagaimana orang menyalakan api untuk menghormati nenek moyangmu, iaitu raja-raja terdahulu yang hidup sebelum engkau, demikianlah orang akan menyalakan api untuk menghormati engkau. Mereka akan meratapi engkau, "Aduh, tuan!" Akulah yang menyampaikan firman ini, demikianlah firman Tuhan.' "

⁶ Nabi Yeremia menyampaikan seluruh firman ini kepada Zedekia, raja Yehuda, di Yerusalem, ⁷ ketika pasukan raja Babel sedang memerangi Yerusalem dan segala kota Yehuda yang masih tersisa, iaitu Lakhis dan Azeka. Inilah kota-kota berkubu yang masih tersisa antara kota Yehuda.

Janji kepada para hamba Ibrani diingkari

⁸ Kemudian turun lagi firman daripada Tuhan kepada Yeremia setelah Raja Zedekia mengikat perjanjian dengan seluruh rakyat yang ada di Yerusalem untuk memaklumkan kebebasan, ⁹ iaitu supaya setiap orang melepaskan hambanya yang berbangsa Ibrani baik lelaki mahupun perempuan sebagai orang merdeka, sehingga tiada seorang pun memperhamba sesama orang Yehuda. ¹⁰ Semua pembesar

dan seluruh rakyat yang ikut serta dalam perjanjian itu setuju bahawa setiap orang harus melepaskan hambanya baik lelaki mahupun perempuan sebagai orang merdeka sehingga tidak ada lagi yang diperhamba. Mereka semua setuju lalu melepaskan para hamba itu.

¹¹ Akan tetapi, tidak lama kemudian mereka berubah fikiran dan mengambil kembali para hamba lelaki dan perempuan yang telah dilepaskan mereka sebagai orang merdeka, lalu menundukkan mereka lagi menjadi hamba lelaki dan perempuan.

¹² Maka datanglah firman daripada Tuhan kepada Yeremia demikian, ¹³ “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Aku telah mengikat perjanjian dengan nenek moyangmu pada waktu Aku membawa mereka keluar dari Tanah Mesir, dari tempat perhambaan, demikian, ¹⁴ ‘Pada akhir tujuh tahun, setiap orang harus melepaskan sesama orang Ibrani yang telah dijual kepadamu dan menghamba kepadamu enam tahun lamanya. Engkau harus melepaskannya sebagai orang merdeka.’ Tetapi nenek moyangmu tidak mahu mendengar Aku dan tidak mahu memberikan perhatian. ¹⁵ Kebelakangan ini kamu bertaubat dan melakukan apa yang benar

di mata-Ku, kerana setiap orang mengisytiharkan kebebasan kepada saudaranya dan kamu telah mengikat perjanjian di hadapan-Ku, di bait yang disebut dengan nama-Ku. ¹⁶ Namun demikian, kamu kemudian berubah fikiran dan mencemarkan nama-Ku. Kamu masing-masing mengambil kembali hambamu, baik lelaki mahupun perempuan, yang telah kamu lepaskan sebagai orang merdeka untuk pergi sesuka hatinya. Kamu menundukkan mereka menjadi hambamu lagi, baik lelaki mahupun perempuan. ¹⁷ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan: Kamu tidak mahu mentaati Aku untuk mengisytiharkan kebebasan bagi saudaramu dan kawanmu. Maka ketahuilah, Aku mengisytiharkan 'kebebasan' bagimu, demikianlah firman Tuhan – 'kebebasan' untuk ditimpa pedang, wabak penyakit, dan bencana kebuluran. Aku akan membuat kamu menjadi kengerian bagi segala kerajaan di bumi. ¹⁸ Aku akan menyerahkan orang yang melanggar perjanjian-Ku. Mereka tidak melaksanakan isi perjanjian yang telah diikat mereka di hadirat-Ku dengan memotong anak lembu jantan menjadi dua lalu berjalan di antara belahannya. ¹⁹ Pembesar Yehuda, pembesar Yerusalem, pegawai istana, imam, dan seluruh rakyat negeri yang telah berjalan di antara belahan anak lembu jantan itu ²⁰ akan Kuserahkan ke dalam tangan

musuh-musuh mereka dan ke dalam tangan orang yang mengancam nyawa mereka. Mayat mereka akan menjadi makanan burung di udara dan binatang di bumi. ²¹ Zedekia, raja Yehuda dan para pembesarnya akan Kuserahkan ke dalam tangan musuh-musuh mereka, ke dalam tangan orang yang mengancam nyawa mereka, dan ke dalam tangan pasukan raja Babel yang sekarang telah mundur daripadamu. ²² Sesungguhnya, Aku akan memberikan perintah, demikianlah firman Tuhan, dan membawa mereka kembali ke kota ini untuk memerangnya, merebutnya, dan membakarnya habis. Aku akan menjadikan kota-kota Yehuda sunyi sepi, tanpa penduduk.”

Kesetiaan kaum Rekhab

35 ¹ Demikianlah firman yang turun daripada Tuhan kepada Yeremia pada zaman Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, ² “Pergilah kepada kaum Rekhab dan berbicaralah dengan mereka. Bawalah mereka ke dalam salah satu bilik di Bait Tuhan dan berilah mereka minum air anggur.” ³ Maka aku menjemput Yaazanya anak Yeremia anak Habazinya beserta saudara-saudaranya dan semua anak lelakinya – seluruh kaum Rekhab. ⁴ Aku membawa

mereka ke dalam bilik anak-anak Hanan anak Yigdalya, hamba Allah itu, di Bait Tuhan. Bilik ini berdekatan dengan bilik para pembesar, di atas bilik Maaseya anak Salum, penjaga pintu.

⁵ Kemudian kuletakkan di hadapan anggota kaum Rekhav itu cawan-cawan yang berisi air anggur serta cangkir-cangkir. Kataku kepada mereka, “Silakan minum air anggur.”

⁶ Tetapi mereka menjawab, “Kami tidak minum air anggur, kerana Yonadab anak Rekhav, leluhur kami, telah mengamanatkan demikian kepada kami, ‘Janganlah kamu atau anak-anakmu minum air anggur untuk selama-lamanya. ⁷ Jangan membangunkan rumah, jangan menabur benih, jangan menanami kebun anggur atau memilikinya, tetapi tinggallah di dalam khemah seumur hidupmu, supaya panjang umurmu di tanah tempat kamu tinggal sebagai pendatang.’

⁸ Kami mentaati perkataan Yonadab anak Rekhav, leluhur kami, dalam segala hal yang diamanatkannya kepada kami. Itulah sebabnya kami, isteri kami, serta anak-anak kami baik lelaki mahupun perempuan tidak minum air anggur seumur hidup kami ⁹ dan tidak membangunkan rumah untuk kami huni. Kami tidak mempunyai kebun anggur, ladang, atau benih, ¹⁰ dan tinggal di dalam khemah. Kami taat dan bertindak selaras dengan semua yang

diamanatkan Yonadab, leluhur kami. ¹¹ Namun begitu, pada waktu Nebukadnezar raja Babel maju menyerang negeri ini, kami berkata, 'Mari kita pergi ke Yerusalem untuk menghindari pasukan orang Kasdim dan pasukan orang Aram.' Itulah sebabnya kami tinggal di Yerusalem."

¹² Lalu datanglah firman Tuhan kepada Yeremia demikian, ¹³ "Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Pergilah dan katakanlah kepada orang Yehuda dan penduduk Yerusalem, 'Tidakkah kamu mahu menerima pengajaran serta mendengar firman-Ku?' demikianlah firman Tuhan. ¹⁴ 'Hal yang diamanatkan Yonadab anak Rekhav kepada keturunannya supaya mereka tidak minum air anggur telah dilaksanakan. Sampai hari ini mereka tidak minum air anggur kerana mereka mentaati amanat leluhur mereka. Sebaliknya, kepada kamu Aku telah berfirman terus-menerus, tetapi kamu tidak mahu mendengar Aku.

¹⁵ Aku terus-menerus mengutus kepadamu semua hamba-Ku, para nabi, dengan pesan: Berbaliklah daripada jalan hidupmu yang jahat, perbaiklah kelakuanmu, dan jangan mengikuti tuhan-tuhan lain untuk menyembah mereka. Dengan demikian kamu akan tetap tinggal di negeri yang telah Kukurniakan kepadamu serta kepada nenek moyangmu. Tetapi kamu

tidak mahu memberikan perhatian dan tidak mahu mendengar Aku. ¹⁶ Sungguh, keturunan Yonadab anak Rekhav telah melaksanakan amanat yang diberikan leluhur mereka kepada mereka, tetapi bangsa ini tidak mahu mendengar Aku.’ ¹⁷ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan segala malapetaka yang Kuancamkan kepada Yehuda dan kepada seluruh penduduk Yerusalem, kerana Aku telah berfirman kepada mereka tetapi mereka tidak mahu mendengar. Aku telah berseru kepada mereka tetapi mereka tidak mahu menjawab.’ ”

¹⁸ Kemudian Yeremia berkata kepada kaum Rekhav, “Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Kerana kamu telah mentaati pesan Yonadab, leluhurmu, telah berpegang teguh pada segala amanatnya, dan telah bertindak selaras dengan semua yang diamanatkannya kepadamu.’ ¹⁹ Maka beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Tidak akan terputus keturunan Yonadab anak Rekhav yang mengabdikan kepada-Ku sepanjang masa.’ ”

Raja Yoyakim membakar kitab nubuat Yeremia

36 ¹ Pada tahun keempat zaman pemerintahan Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, datanglah firman ini daripada Tuhan kepada Yeremia, ² “Ambillah sebuah gulungan kitab. Tulislah di dalamnya segala firman yang telah Kusampaikan kepadamu mengenai Israel, Yehuda, serta segala bangsa sejak Aku berfirman kepadamu, iaitu sejak zaman Yosia, sampai hari ini. ³ Mudah-mudahan ketika keturunan kaum Yehuda mendengar tentang segala malapetaka yang Kurancang bagi mereka, setiap orang mahu berbalik daripada jalan hidupnya yang jahat. Dengan demikian Aku akan mengampunkan kesalahan dan dosa mereka.”

⁴ Maka Yeremia memanggil Barukh anak Neria, dan sementara Yeremia menuturkan segala firman yang telah disampaikan Tuhan kepadanya, Barukh menulisnya secara langsung dalam gulungan kitab itu. ⁵ Kemudian Yeremia berpesan kepada Barukh, “Aku dikenakan larangan. Aku tidak boleh masuk ke dalam Bait Tuhan. ⁶ Jadi, pergilah engkau dan bacalah firman Tuhan daripada gulungan yang telah kautulis langsung daripada penuturanku itu kepada rakyat di

Bait Tuhan pada hari puasa. Engkau juga harus membacanya kepada semua orang Yehuda yang datang dari kota-kota mereka. ⁷ Mudah-mudahan mereka kemudian menyampaikan permohonan kepada Tuhan, dan setiap orang mahu berbalik daripada jalan hidupnya yang jahat, kerana besarlah murka serta amarah yang diancamkan Tuhan terhadap bangsa ini.” ⁸ Barukh anak Neria bertindak selaras dengan semua yang dipesankan Nabi Yeremia kepadanya untuk membaca firman Tuhan dari kitab itu di Bait Tuhan.

⁹ Pada tahun kelima zaman pemerintahan Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, tepatnya pada bulan kesembilan, diisytiharkanlah puasa di hadapan Tuhan bagi seluruh rakyat di Yerusalem serta seluruh rakyat yang datang ke Yerusalem dari kota-kota Yehuda. ¹⁰ Di dalam bilik Gemarya anak Safan, jurutulis itu, yang terletak di pelataran atas, di depan Pintu Gerbang Baru di Bait Tuhan, Barukh membaca perkataan-perkataan Yeremia daripada kitab itu kepada seluruh rakyat di Bait Tuhan.

¹¹ Ketika Mikhaya anak Gemarya anak Safan mendengar segala firman Tuhan daripada kitab itu, ¹² pergilah dia ke istana raja lalu masuk ke dalam bilik jurutulis. Ternyata semua pembesar sedang duduk di situ, iaitu jurutulis Elisama, Delaya anak Semaya, Elnatan anak Akhbor,

Gemarya anak Safan, Zedekia anak Hananya, dan semua pembesar lainnya. ¹³ Mikhaya memberitahukan kepada mereka segala firman yang didengarnya ketika Barukh membacakan kitab itu kepada rakyat. ¹⁴ Kemudian semua pembesar itu menyuruh Yehudi anak Netanya anak Selemya anak Kusyi menemui Barukh dengan pesan, “Bawalah gulungan yang telah kaubacakan kepada rakyat itu dan datanglah ke mari.” Maka Barukh anak Neria membawa gulungan itu dan datang menemui mereka. ¹⁵ Kata mereka kepadanya, “Silakan duduk dan bacakanlah kitab itu bagi kami.”

Lalu Barukh membacanya kepada mereka. ¹⁶ Setelah mereka mendengar segala firman itu, dengan ketakutan mereka pun saling berpandangan. Kata mereka kepada Barukh, “Kita harus memberitahukan segala firman ini kepada raja.” ¹⁷ Kemudian mereka bertanya kepada Barukh, “Tolong beritahukan kepada kami bagaimana caranya engkau menulis segala firman ini. Adakah daripada penuturannya?”

¹⁸ Jawab Barukh kepada mereka, “Ya, Yeremia menuturkan langsung segala firman ini kepadaku dan aku menulisnya dengan tinta dalam kitab.”

¹⁹ Kata para pembesar itu kepada Barukh, “Pergilah dan bersembunyilah bersama Yeremia. Jangan seorang pun tahu di mana kamu berada.”

²⁰ Setelah itu, mereka pergi menghadap raja di pelataran, sedang gulungan itu mereka simpan di dalam bilik jurutulis Elisama. Lalu mereka memberitahukan segala firman itu kepada raja. ²¹ Raja menyuruh Yehudi untuk mengambil gulungan itu, lalu dia pun mengambil gulungan itu dari bilik jurutulis Elisama. Kemudian Yehudi membacakannya di hadapan raja dan di hadapan semua pembesar yang berdiri berdekatan dengan raja. ²² Waktu itu ialah bulan kesembilan, dan raja sedang duduk di balai musim dingin dengan api menyala di dalam perdiangan di hadapannya. ²³ Setiap kali Yehudi membaca tiga empat lajur, raja mencabik-cabiknya dengan pisau raut dan mencampakkannya ke dalam api di perdiangan itu, sampai seluruh gulungan itu habis dimakan api di perdiangan itu. ²⁴ Raja dan para pegawainya yang mendengar segala firman itu tidak berasa takut dan tidak mengoyakkan pakaian mereka. ²⁵ Sebenarnya Elnatan, Delaya, dan Gemarya mendesak raja supaya tidak membakar gulungan itu, tetapi raja tidak mendengar mereka. ²⁶ Raja malah memberikan perintah kepada anaknya, Yerahmeel, Seraya anak Azriel, dan Selemya anak Abdeel untuk menangkap jurutulis Barukh dan Nabi Yeremia, tetapi Tuhan menyembunyikan mereka.

²⁷ Sesudah raja membakar gulungan berisi perkataan yang dituliskan Barukh langsung daripada penuturan Yeremia, datanglah firman Tuhan kepada Yeremia demikian, ²⁸ “Ambillah lagi sebuah gulungan lain. Tuliskanlah di dalamnya segala firman yang ada pada gulungan pertama, yang dibakar oleh Yoyakim, raja Yehuda.

²⁹ Mengenai Yoyakim, raja Yehuda, katakanlah, ‘Beginilah firman Tuhan: Engkau telah membakar gulungan itu sambil berkata, “Mengapa engkau menulis di dalamnya demikian: Raja Babel pasti datang memusnahkan negeri ini serta melenyapkan manusia dan haiwannya?” ³⁰ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan mengenai Yoyakim, raja Yehuda: Tiada seorang pun daripada keturunannya akan duduk di atas takhta Daud. Mayatnya akan tercampak sehingga terkena panas pada siang hari dan dingin pada malam hari. ³¹ Aku akan menghukum dia, keturunannya, dan para pegawainya kerana kesalahan mereka. Aku akan mendatangi mereka, penduduk Yerusalem, dan orang Yehuda semua malapetaka yang Kuancamkan kepada mereka kerana mereka tidak mahu mendengar.’ ”

³² Maka Yeremia mengambil sebuah gulungan lain dan memberikannya kepada jurutulis Barukh anak Neria. Di dalamnya Barukh menulis secara langsung segala perkataan yang dituturkan

Yeremia daripada kitab yang dibakar habis oleh Yoyakim, raja Yehuda. Banyak perkataan serupa ditambahkan pula di dalamnya.

Raja Zedekia meminta petunjuk daripada Yeremia

37 ¹ Raja Zedekia anak Yosia menaiki takhta menggantikan Konya anak Yoyakim. Dia dijadikan raja di Tanah Yehuda oleh Nebukadnezar, raja Babel. ² Dia berserta para pegawainya dan rakyat negeri itu tidak mahu mendengar firman yang disampaikan Tuhan dengan perantaraan Nabi Yeremia.

³ Pada suatu kali, Raja Zedekia menyuruh Yukhal anak Selemya dan Imam Zefanya anak Maaseya menemui Nabi Yeremia dengan pesan, “Berdoalah untuk kami kepada Tuhan, Allah kita.” ⁴ Pada waktu itu Yeremia masih bebas bergerak di tengah-tengah rakyat kerana dia belum dimasukkan ke dalam penjara. ⁵ Sementara itu pasukan Firaun telah maju dari Mesir, dan ketika khabar itu didengar oleh orang Kasdim yang sedang mengepung Yerusalem, mundurlah mereka dari Yerusalem.

⁶ Datanglah firman Tuhan kepada Nabi Yeremia demikian, ⁷ “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel:

Katakanlah kepada raja Yehuda yang mengutus kamu kepada-Ku untuk mencari petunjuk, 'Sesungguhnya, pasukan Firaun yang telah maju untuk membantu kamu itu akan kembali ke negeri mereka, ke Mesir. ⁸ Sementara itu orang Kasdim akan kembali memerangi kota ini, merebutnya, dan membakarnya habis.' ⁹ Beginilah firman Tuhan: Jangan menipu diri dengan berkata, 'Orang Kasdim pasti mundur daripada kita,' kerana mereka tidak akan mundur. ¹⁰ Sekalipun kamu mengalahkan seluruh pasukan orang Kasdim yang berperang melawan kamu sehingga antara mereka hanya orang terluka yang tersisa, mereka akan bangkit di khemah masing-masing dan membakar habis kota ini."

Yeremia dipenjarakan

¹¹ Setelah pasukan orang Kasdim mundur dari Yerusalem untuk menghindari pasukan Firaun, ¹² keluarlah Yeremia dari Yerusalem untuk pergi ke Tanah Benyamin. Dia bermaksud menerima bahagian pusakanya di situ, di tengah-tengah kaumnya. ¹³ Ketika dia sampai di Pintu Gerbang Benyamin, seorang kepala penjaga bernama Yeria anak Selemya anak Hananya menangkap Nabi Yeremia sambil berkata, "Engkau hendak membelot kepada orang Kasdim."

¹⁴ Jawab Yeremia, “Tidak benar! Aku bukan hendak membelot kepada orang Kasdim!” Tetapi Yeria tidak mahu mendengarkannya. Ditangkapnya Yeremia dan dibawanya menghadap para pembesar. ¹⁵ Maka marahlah para pembesar ini kepada Yeremia. Mereka memukul dia dan memasukkannya ke dalam rumah tahanan, iaitu rumah jurutulis Yonatan. Rumah itu memang telah dijadikan penjara oleh mereka.

Raja Zedekia memindahkan tempat Nabi Yeremia dikurung

¹⁶ Setelah Yeremia dimasukkan ke dalam sebuah kurungan di penjara bawah tanah, dan setelah Yeremia tinggal di sana selama beberapa waktu, ¹⁷ Raja Zedekia mengirim utusan untuk menjemputnya. Di istananya, raja bertanya kepadanya secara diam-diam, “Adakah firman daripada Tuhan?”

Jawab Yeremia, “Ada!” Katanya pula, “Engkau akan diserahkan ke dalam tangan raja Babel.”

¹⁸ Lalu Yeremia berkata kepada Raja Zedekia, “Apakah dosaku terhadapmu, terhadap pegawaimu, atau terhadap rakyat ini, sehingga kamu memasukkan aku ke dalam tahanan? ¹⁹ Di manakah para nabimu yang menyampaikan nubuat kepadamu demikian, ‘Raja Babel

tidak akan mendatangi kamu ataupun negeri ini'? ²⁰ Sekarang, mohon dengarkan aku, ya Tuanku Raja! Semoga engkau berkenan kepada permohonanku: 'Janganlah kembalikan hamba ke rumah jurutulis Yonatan, supaya hamba tidak mati di sana."

²¹ Maka Raja Zedekia memberikan perintah agar Yeremia ditahan di pelataran penjagaan. Setiap hari dia diberi seketul roti dari jalan Pembuat Roti, sampailah waktu semua roti di kota itu habis. Demikianlah Yeremia tinggal di pelataran penjagaan itu.

Yeremia dimasukkan ke dalam perigi

38 ¹ Sefaca anak Matan, Gedalya anak Pasyhur, Yukhal anak Selemya, dan Pasyhur anak Malkia mendengar perkataan yang disampaikan Yeremia kepada seluruh rakyat, ² "Beginilah firman Tuhan: Sesiapa yang tetap tinggal di kota ini akan mati oleh pedang, oleh bencana kebuluran, dan oleh wabak penyakit. Tetapi siapa keluar mendapatkan orang Kasdim akan tetap hidup. Nyawanya akan seperti barang jarahan bagi dirinya sendiri. Dia akan tetap hidup. ³ Beginilah firman Tuhan: Kota ini pasti diserahkan ke dalam tangan pasukan raja Babel yang akan merebutnya."

⁴ Lalu para pembesar itu berkata kepada raja, “Orang ini harus dihukum mati. Dengan menyampaikan perkataan-perkataan itu, dia mematahkan semangat saki-baki pejuang di kota ini dan seluruh rakyat. Sungguh, orang ini tidak mengikhtiarkan kesejahteraan bagi bangsa ini melainkan malapetaka.”

⁵ Kata Raja Zedekia, “Baiklah, dia ada dalam kuasamu, kerana raja tidak dapat berbuat apa-apa menentang kamu.” ⁶ Maka mereka mengambil Yeremia dan menurunkannya dengan tali ke dalam perigi milik Malkia, anak raja, yang terletak di pelataran penjagaan. Di perigi itu tidak ada air, hanya lumpur, sehingga Yeremia terperosok ke dalam lumpur.

Yeremia ditolong oleh Ebed-Melekh

⁷ Ebed-Melekh, seorang sida-sida bangsa Kush yang tinggal di istana raja, mendengar bahawa Yeremia dimasukkan ke dalam perigi. Pada waktu itu raja sedang duduk di Pintu Gerbang Benjamin. ⁸ Maka keluarlah Ebed-Melekh dari istana dan berbicara kepada raja, ⁹ “Ya Tuanku Raja, mereka itu telah berbuat jahat dalam segala hal yang dilakukan mereka terhadap Nabi Yeremia. Mereka memasukkannya ke dalam perigi. Dia akan mati kelaparan di tempat itu kerana tidak ada lagi roti di kota.” ¹⁰ Lalu raja

memberikan perintah kepada Ebed-Melekh, orang Kush itu, “Bawalah tiga puluh orang dari sini dan angkatlah Nabi Yeremia dari perigi itu sebelum dia mati.”¹¹ Maka Ebed-Melekh membawa tiga puluh orang masuk ke dalam istana raja, ke ruang di bawah perbendaharaan. Dari sana diambil mereka pakaian-pakaian usang dan buruk, lalu diturunkan mereka dengan tali kepada Yeremia di dalam perigi itu.¹² Kata Ebed-Melekh, orang Kush itu, kepada Yeremia, “Kepitlah pakaian-pakaian usang dan buruk itu di bawah ketiakmu sebagai ganjal tali.” Maka Yeremia pun berbuat demikian.¹³ Lalu mereka menarik dan mengangkat Yeremia dari dalam perigi itu dengan tali. Kemudian Yeremia tinggal di pelataran penjagaan itu.

Pembicaraan terakhir dengan Raja Zedekia

¹⁴ Raja Zedekia menyuruh orang untuk membawa Nabi Yeremia menghadap dia di pintu ketiga di Bait Tuhan. Kata raja kepada Yeremia, “Aku mahu menanyakan sesuatu kepadamu. Jangan sembunyikan apa-apa daripadaku.”

¹⁵ Jawab Yeremia kepada Zedekia, “Apabila aku memberitahukannya kepadamu, bukankah engkau akan menjatuhkan hukuman mati kepadaku? Apabila aku memberikan nasihat kepadamu, engkau tidak akan mendengar aku.”

¹⁶ Maka Raja Zedekia bersumpah secara diam-diam kepada Yeremia, katanya, “Demi Tuhan yang hidup, yang menjadikan nyawa kita ini, aku tidak akan menjatuhkan hukuman mati atasmu dan tidak akan menyerahkan engkau ke dalam tangan orang yang mengancam nyawamu itu.”

¹⁷ Kata Yeremia kepada Zedekia, “Beginilah firman Tuhan, Allah alam semesta, Allah Israel, ‘Jika engkau mahu keluar menyerah kalah kepada para perwira raja Babel, maka nyawamu akan terpelihara dan kota ini tidak akan dibakar habis. Engkau dan keluargamu akan tetap hidup.

¹⁸ Tetapi jika engkau tidak mahu keluar menyerah kalah kepada perwira raja Babel, maka kota ini akan diserahkan ke dalam tangan orang Kasdim dan mereka akan membakarnya habis. Engkau tidak akan terselamat daripada tangan mereka.”

¹⁹ Kata Raja Zedekia kepada Yeremia, “Aku khawatir kepada orang Yehuda yang telah membelot kepada orang Kasdim. Jangan-jangan aku diserahkan ke dalam tangan mereka lalu mereka memperlakukan aku.”

²⁰ Jawab Yeremia, “Mereka tidak akan menyerahkan engkau. Patuhilah Tuhan dalam hal yang kusampaikan kepadamu, maka keadaanmu akan baik dan nyawamu akan terpelihara.

²¹ Tetapi jika engkau menolak untuk keluar,

inilah firman yang dinyatakan Tuhan kepadaku:

²² Sungguh, semua perempuan yang masih tinggal di istana raja Yehuda akan digiring keluar menghadap para perwira raja Babel. Perempuan-perempuan itu akan berkata:

‘Engkau dipujuk dan dikalahkan oleh sahabat-sahabatmu.

Ketika kakimu terperosok ke dalam lumpur, mereka mundur.’

²³ Semua isterimu dan anakmu akan digiring keluar ke hadapan orang Kasdim. Engkau sendiri tidak akan terselamat daripada tangan mereka, melainkan akan ditangkap oleh tangan raja Babel. Dengan demikian engkau akan menyebabkan kota ini dibakar habis.”

²⁴ Kata Zedekia kepada Yeremia, “Jangan beritahu siapa-siapa pun pembicaraan ini, supaya engkau tidak mati. ²⁵ Apabila para pembesar mendengar bahawa aku telah berbicara dengan engkau, lalu mereka mendatangimu dan berkata, ‘Beritahulah kami apa yang telah kaukatakan kepada raja dan apa yang dikatakan raja kepadamu. Jangan sembunyikan daripada kami, supaya engkau tidak kami bunuh,’ ²⁶ maka katakanlah kepada mereka, ‘Aku menyampaikan permohonanku kepada raja, supaya aku tidak dikembalikannya ke rumah Yonatan untuk mati di sana.’ ” ²⁷ Semua pembesar itu memang datang

kepada Yeremia dan bertanya kepadanya, tetapi dia menjawab mereka selaras dengan semua perkataan yang dipesankan raja tadi. Mereka pun berhenti berbicara dengan dia, kerana perkara itu tidak diketahui siapa-siapa pun. ²⁸Yeremia tinggal di pelataran penjagaan sampai hari Yerusalem ditawan.

Jatuhnya kota Yerusalem

39 ¹Inilah sejarah penawanan Yerusalem. Pada bulan kesepuluh dalam tahun kesembilan zaman pemerintahan Zedekia, raja Yehuda, datanglah Nebukadnezar, raja Babel, dengan seluruh pasukannya menyerang Yerusalem dan mengepungnya. ²Lalu pada tahun kesebelas zaman pemerintahan Zedekia, tepatnya pada hari kesembilan bulan keempat, terbongkarlah tembok kota.

³Semua perwira raja Babel masuk lalu menduduki Pintu Gerbang Tengah. Mereka ialah Nergal-Sarezer, Samgarnebo, Sarsekim sang ketua jururasa santapan, Nergal-Sarezer sang kepala tukang ramal, dan semua pembesar raja Babel yang selebihnya.

⁴Apabila Zedekia, raja Yehuda, dan semua pejuang melihat orang itu, larilah mereka

pada waktu malam dari kota melalui jalan taman raja dan pintu gerbang di antara kedua-dua tembok, pergi menuju Araba. ⁵ Tetapi pasukan orang Kasdim mengejar mereka dan menyusul Zedekia di dataran Yerikho. Mereka menangkapnya dan membawanya ke Ribla di Tanah Hamat menghadap Nebukadnezar, raja Babel. Nebukadnezar pun menjatuhkan hukuman atasnya. ⁶ Raja Babel menyuruh agar anak-anak Zedekia disembelih di Ribla di hadapan matanya dan semua bangsawan Yehuda dibunuh. ⁷ Kemudian mata Zedekia dibutakan dan dia dibelenggu dengan rantai gangsa lalu dibawa ke Babel. ⁸ Orang Kasdim membakar habis istana raja dan rumah rakyat serta merobohkan tembok-tembok Yerusalem. ⁹ Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal, membuang saki-baki rakyat yang masih tinggal di kota, para pembelot yang memihak kepadanya, dan saki-baki rakyat yang masih tinggal ke Babel. ¹⁰ Tetapi Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal, meninggalkan sebahagian rakyat miskin yang tidak punya apa-apa di Tanah Yehuda, dan memberi mereka kebun-kebun anggur serta ladang-ladang pada waktu itu juga.

Perintah Raja Nebukadnezar untuk melindungi Yeremia

¹¹ Nebukadnezar, raja Babel, memberikan perintah mengenai Yeremia dengan perantaraan Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal, demikian, ¹² “Bawalah dan perhatikanlah dia. Jangan lakukan sesuatu yang buruk terhadapnya, tetapi lakukanlah permintaannya kepadamu.” ¹³ Maka Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal, berserta Nebusyazban ketua sida-sida, Nergal-Sarezzer ketua tukang ramal, dan semua pembesar raja Babel, mengutus orang ¹⁴ untuk mengambil Yeremia daripada pelataran penjagaan. Maka mereka menyerahkan Yeremia kepada Gedalya anak Ahikam anak Safan supaya dia membawanya pulang ke rumahnya. Maka tinggallah Yeremia dalam kalangan rakyat.

Janji kepada Ebed-Melekh bahawa dia akan dilepaskan

¹⁵ Ketika Yeremia masih terkurung di pelataran penjagaan, datanglah firman Tuhan kepadanya demikian, ¹⁶ “Pergilah dan katakanlah kepada Ebed-Melekh, orang Kush itu, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Sesungguhnya, Aku akan melaksanakan firman-Ku terhadap kota ini demi kesusahannya, bukan kebbaikannya.

Semua itu akan terjadi di hadapan matamu pada hari yang sama. ¹⁷ Tetapi pada waktu itu Aku akan melepaskan engkau, demikianlah firman Tuhan. Engkau tidak akan diserahkan ke dalam tangan orang yang kautakuti. ¹⁸ Aku pasti menyelamatkan engkau dan engkau tidak akan tewas oleh pedang. Nyawamu akan seperti barang jarahan bagi dirimu sendiri, kerana engkau percaya kepada-Ku, demikianlah firman Tuhan.’ ”

Yeremia tinggal dengan pembesar Gedalya

40 ¹ Firman daripada Tuhan turun kepada Yeremia setelah Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal, melepaskan dia dari Rama. Dia diambil dalam keadaan terikat rantai di tengah-tengah semua orang buangan dari Yerusalem dan Yehuda yang dibuang ke Babel. ² Kepala pasukan pengawal itu mengambil Yeremia dan berkata kepadanya, “Tuhan, Allahmu, telah mengancamkan malapetaka ini terhadap tempat ini. ³ Sekarang Tuhan telah melaksanakannya dan bertindak selaras dengan firman-Nya. Kerana kamu telah berdosa terhadap Tuhan dan tidak mahu mematuhi-Nya, maka hal ini terjadi kepada kamu. ⁴ Sekarang lihatlah, hari ini aku melepaskan engkau daripada rantai di tanganmu. Jika menurutmu baik untuk pergi ke

Babel bersamaku, marilah. Aku akan mengurus engkau. Tetapi jika menurutmu tidak baik untuk pergi bersama-samaku ke Babel, tinggallah. Lihat, seluruh negeri ini terbuka bagimu. Pergilah ke tempat yang baik dan tepat menurutmu.”

⁵ Sebelum Yeremia berbalik dia menambahkan, “Pulanglah kepada Gedalya anak Ahikam anak Safan yang diangkat raja Babel menjadi pembesar atas kota-kota Yehuda. Tinggallah bersama-samanya di tengah-tengah rakyat, atau pergilah ke tempat mana-mana pun yang tepat menurutmu.” Kemudian kepala pasukan pengawal memberinya bekal makanan dan suatu pemberian, lalu melepaskan dia pergi.

⁶ Maka Yeremia pergi menghadap Gedalya anak Ahikam di Mizpa, dan tinggal bersama-samanya di tengah-tengah saki-baki rakyat di negeri itu.

Gedalya, pembesar Yehuda

⁷ Setelah semua panglima pasukan yang masih berada di padang berserta dengan anak buah mereka mendengar bahawa raja Babel telah mengangkat Gedalya anak Ahikam menjadi pembesar atas negeri itu dan menyerahkan kepadanya pengawasan lelaki, perempuan, serta anak-anak, iaitu sebahagian orang termiskin

di negeri itu yang tidak dibuang ke Babel,
⁸ maka datanglah mereka menghadap Gedalya di Mizpa. Mereka ialah: Ismael anak Netanya Yohanan dan Yonatan, anak-anak Kareah Seraya anak Tanhumet anak-anak Efai, orang Netofa Yezanya, anak seorang Maakha beserta anak-anak buah mereka. ⁹ Gedalya anak Ahikam anak Safan bersumpah kepada mereka dan anak-anak buah mereka, katanya, "Janganlah takut kepada orang Kasdim. Tinggallah di negeri ini dan berkhidmatlah kepada raja Babel. Maka keadaan hidupmu akan menjadi baik. ¹⁰ Mengenai aku, sesungguhnya aku akan tinggal di Mizpa untuk mewakili kamu di hadapan orang Kasdim yang akan datang kepada kita. Tetapi kamu, kumpulkanlah air anggur, buah-buahan musim panas, dan minyak. Simpanlah di dalam wadahmu dan tinggallah di kota-kota yang telah kamu duduki." ¹¹ Semua orang Israel yang tinggal di Moab, di antara bani Amon, di Edom, dan di semua negeri lain pun mendengar bahawa raja Babel telah membiarkan tinggal saki-baki orang Yehuda dan mengangkat Gedalya anak Ahikam anak Safan sebagai pembesar mereka. ¹² Maka kembalilah semua orang Israel itu dari segala tempat ke mana mereka telah terhalau, lalu masuk ke Tanah Yehuda menghadap Gedalya di

Mizpa. Mereka mengumpulkan banyak sekali air anggur dan buah-buahan musim panas.

¹³ Pada suatu kali, Yohanan anak Kareah dan semua panglima pasukan yang masih berada di padang datang menghadap Gedalya di Mizpa.

¹⁴ Mereka berkata kepadanya, “Tahukah tuan bahawa Baalis, raja bani Amon, telah menyuruh Ismael anak Netanya untuk membunuh tuan?”

Tetapi Gedalya anak Ahikam tidak mempercayai mereka. ¹⁵ Kemudian Yohanan anak Kareah berbicara secara diam-diam kepada Gedalya di Mizpa, katanya, “Izinkanlah aku pergi membunuh Ismael anak Netanya. Tiada seorang pun akan tahu. Mengapa dia harus membunuh tuan sehingga semua orang Israel yang telah berkumpul di sekeliling tuan harus tercerai-berai lagi dan saki-baki orang Yehuda binasa?”

¹⁶ Tetapi kata Gedalya anak Ahikam kepada Yohanan anak Kareah, “Jangan lakukan hal itu, kerana yang kaukatakan tentang Ismael itu bohong.”

41 ¹ Pada bulan ketujuh datanglah Ismael anak Netanya anak Elisama, yang berketurunan raja dan seorang pembesar raja, berserta sepuluh orang menghadap Gedalya anak Ahikam di Mizpa. Ketika mereka sedang

makan roti bersama-sama di Mizpa, ² tiba-tiba Ismael anak Netanya dan kesepuluh orang yang ada bersamanya menyerang Gedalya anak Ahikam anak Safan dengan pedang. Demikianlah Ismael membunuh orang yang diangkat raja Babel menjadi pembesar negeri itu. ³ Ismael juga membunuh semua orang Yehuda yang ada bersama Gedalya di Mizpa dan orang Kasdim, yaitu para pejuang, yang ada di sana.

⁴ Keesokan harinya, setelah Gedalya dibunuh tanpa diketahui orang, ⁵ datanglah lapan puluh orang dari Sikhem, Silo, dan Samaria dengan janggut tercukur, pakaian koyak-rabak, dan tubuh tertoreh-toreh. Mereka membawa persembahan bahan makanan dan kemenyan untuk dipersembahkan di Bait Tuhan. ⁶ Maka keluarlah Ismael anak Netanya dari Mizpa untuk menyongsong mereka. Dia berjalan sambil menangis. Apabila bertemu dengan mereka, berkatalah dia kepada mereka, "Pergilah menghadap Gedalya anak Ahikam." ⁷ Tetapi ketika mereka sampai di tengah-tengah kota, Ismael anak Netanya mulai menyembelih mereka dan mencampakkan mayat-mayat mereka ke dalam perigi dengan bantuan orang yang menyertainya.

⁸ Tetapi sepuluh orang antara mereka berkata kepada Ismael, "Jangan bunuh kami, kerana

kami mempunyai perbekalan tersembunyi di padang, iaitu gandum, barli, minyak, dan madu.” Maka dibiarkannyalah mereka, tidak dibunuh bersama yang lain.⁹ Perigi tempat Ismael mencampakkan semua mayat orang yang dibunuhnya selain Gedalya itu ialah perigi yang dibuat Raja Asa untuk menghadapi Baesa, raja Israel. Ismael anak Netanya memenuhinya dengan mayat orang yang terbunuh itu.¹⁰ Lalu Ismael menawan seluruh sisa rakyat yang ada di Mizpa, iaitu puteri-puteri raja dan seluruh rakyat yang masih tinggal di Mizpa, yang diserahkan ke dalam pengawasan Gedalya anak Ahikam oleh Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal. Ismael anak Netanya menawan mereka dan pergi menyeberang ke daerah bani Amon.

¹¹ Ketika Yohanan anak Kareah dan semua panglima pasukan yang menyertainya mendengar segala kejahatan yang dilakukan oleh Ismael anak Netanya,¹² mereka mengumpulkan semua anak buah mereka lalu pergi untuk memerangi Ismael anak Netanya. Mereka mendapati dia ada berdekatan dengan kolam besar di Gibeon.¹³ Ketika seluruh rakyat yang bersama-sama Ismael melihat Yohanan anak Kareah dan semua panglima pasukan yang menyertainya, bergembiralah mereka.¹⁴ Seluruh rakyat yang ditawan Ismael dari Mizpa itu berbalik dan

pergi kepada Yohanan anak Kareah. ¹⁵ Tetapi Ismael anak Netanya berserta lapan orang menyelamatkan diri daripada Yohanan lalu pergi ke daerah bani Amon.

¹⁶ Kemudian Yohanan anak Kareah dan semua panglima pasukan yang menyertainya mengumpulkan kesemua saki-baki rakyat dari Mizpa yang direbutnya kembali daripada Ismael anak Netanya setelah Ismael membunuh Gedalya anak Ahikam: kaum lelaki, para pejuang, kaum perempuan, anak-anak, dan para pegawai istana yang dibawanya kembali dari Gibeon.

¹⁷ Mereka berjalan terus lalu berhenti di Gerut Kimham, berdekatan dengan Betlehem, dengan tujuan meneruskan perjalanan ke Mesir ¹⁸ untuk menghindari orang Kasdim. Mereka takut kepada orang itu kerana Ismael anak Netanya telah membunuh Gedalya anak Ahikam, yang diangkat oleh raja Babel menjadi pembesar atas negeri itu.

Yeremia mengingatkan supaya jangan berpindah ke Mesir

42 ¹ Kemudian semua panglima pasukan, termasuk Yohanan anak Kareah dan Azarya anak Hosaya, berserta seluruh rakyat daripada yang kecil sampai yang besar datang menghadap ² Nabi Yeremia dan berkata, “Semoga

permintaan kami diperkenankan tuan. Berdoalah kepada Tuhan, Allahmu, bagi kami, semua orang yang tersisa ini. Kerana dahulu kami ramai, tetapi seperti mata tuan lihat sendiri, saki-baki kami hanya sedikit sahaja. ³ Mudah-mudahan Tuhan, Allahmu, menyatakan kepada kami jalan yang harus kami tempuh dan hal yang harus kami lakukan.”

⁴ Kata Nabi Yeremia kepada mereka, “Aku mendengar permintaanmu. Ya, aku akan berdoa kepada Tuhan, Allahmu, seperti yang kaukatakan. Nanti, segala firman yang Tuhan berikan sebagai jawapan untukmu akan kuberitahu kepadamu, tiada satu pun kusembunyikan daripadamu.”

⁵ Kata mereka kepada Yeremia, “Semoga Tuhan menjadi saksi yang benar dan setia antara kita, sekiranya kami tidak bertindak tepat seperti segala firman yang akan disampaikan Tuhan, Allahmu, kepada tuan untuk kami. ⁶ Sama ada baik mahupun buruk, kami akan mematuhi Tuhan, Allah kita, yang kepada-Nya kami mengutus tuan. Mudah-mudahan baik keadaan kami ketika kami mematuhi Tuhan, Allah kita.”

⁷ Setelah sepuluh hari berlalu, datanglah firman Tuhan kepada Yeremia. ⁸ Lalu Yeremia memanggil Yohanan anak Kareah dengan semua panglima pasukan yang menyertainya, juga seluruh rakyat daripada yang kecil sampai yang

besar. ⁹ Dia berkata kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan, Allah Israel, yang kepada-Nya kamu telah mengutus aku untuk menyampaikan permohonanmu, ¹⁰ ‘Jika kamu tetap tinggal di negeri ini, maka Aku akan membangunkan kamu dan tidak akan meruntuhkan kamu. Aku akan menanam kamu dan tidak akan mencabut kamu, kerana hati-Ku menyesal atas malapetaka yang telah Kudatangkan kepada kamu. ¹¹ Jangan takut kepada raja Babel yang kamu takuti itu. Jangan takut kepadanya,’ demikianlah firman Tuhan, ‘kerana Aku menyertai kamu untuk menyelamatkan dan melepaskan kamu dari tangannya. ¹² Aku akan mengurniakan rahmat kepadamu, sehingga dia akan mengasihani kamu dan membiarkan kamu kembali ke tanah airmu.’

¹³ Tetapi jika kamu tidak mematuhi Tuhan, Allahmu, dengan berkata, ‘Kami tidak mahu tinggal di negeri ini,’ ¹⁴ dan jika kamu berkata, ‘Tidak! Kami mahu pergi ke Tanah Mesir. Di sana kami tidak akan melihat perang, tidak akan mendengar bunyi sangkakala, dan tidak akan kekurangan makanan. Di sanalah kami hendak tinggal,’ ¹⁵ maka sekarang, dengarlah firman Tuhan, wahai saki-baki orang Yehuda! Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Jika kamu sungguh membulatkan hati untuk pergi ke Mesir – pergi untuk tinggal sebagai

pendatang di sana – ¹⁶ maka pedang yang kamu takuti itu akan memintas kamu di Tanah Mesir. Bencana kebuluran yang kamu cemaskan itu akan mengejar kamu di Mesir. Di sanalah kamu akan mati. ¹⁷ Itulah yang akan terjadi kepada semua orang yang membulatkan hati untuk pergi ke Mesir dan tinggal sebagai pendatang di sana. Mereka akan mati oleh pedang, oleh bencana kebuluran, dan oleh wabak penyakit. Tiada seorang pun daripada mereka akan tertinggal atau terselamat daripada malapetaka yang akan Kudatangkan terhadap mereka.’

¹⁸ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel, ‘Sebagaimana murka-Ku dan amarah-Ku dicurahkan ke atas penduduk Yerusalem, demikianlah amarah-Ku akan dicurahkan ke atas kamu apabila kamu pergi ke Mesir. Kamu akan menjadi kutukan, kengerian, sumpahan, dan celaan. Kamu tidak akan melihat tempat ini lagi.’

¹⁹ Tuhan telah berfirman mengenai kamu, wahai saki-baki orang Yehuda, ‘Jangan pergi ke Mesir!’ Camkanlah baik-baik bahawa aku telah mengingatkan kamu pada hari ini! ²⁰ Kamu telah menyesatkan diri dengan taruhan nyawamu ketika kamu mengutus aku kepada Tuhan, Allahmu, dengan berkata, ‘Berdoalah bagi kami kepada Tuhan, Allah kita. Nyatakanlah dengan tepat kepada kami semua yang difirmankan

Tuhan, Allah kita, dan kami akan melakukannya.’
²¹ Hari ini aku sudah menyatakannya kepadamu, tetapi kamu tidak mahu mematuhi Tuhan, Allahmu, dalam segala hal yang disampaikan-Nya kepadaku untuk kamu. ²² Sekarang, camkanlah baik-baik: kamu akan mati oleh pedang, oleh bencana kebuluran, dan oleh wabak penyakit di tempat yang hendak kamu tuju untuk tinggal sebagai pendatang di sana.”

Yeremia dipaksa berpindah ke Mesir

43 ¹ Setelah Yeremia selesai mengatakan kepada seluruh rakyat segala firman Tuhan, Allah mereka – iaitu segala firman tadi, yang disampaikan Tuhan, Allah mereka, kepada Yeremia untuk mereka – ² berkatalah Azarya anak Hosaya, Yohanan anak Kareah, dan semua orang yang angkuh terhadap Yeremia, “Engkau berkata bohong! Tuhan, Allah kita, tidak menyuruh engkau berkata, ‘Jangan pergi ke Mesir untuk tinggal sebagai pendatang di sana,’
³ tetapi Barukh anak Neria menghasut engkau melawan kami dengan tujuan menyerahkan kami ke dalam tangan orang Kasdin, supaya mereka membunuh kami dan membuang kami ke Babel.”
⁴ Demikianlah Yohanan anak Kareah, semua panglima pasukan, dan seluruh rakyat tidak mahu mematuhi Tuhan untuk tinggal di Tanah

Yehuda. ⁵ Lalu Yohanan anak Kareah dan semua panglima pasukan membawa seluruh saki-baki orang Yehuda yang telah kembali dari semua negeri, tempat mereka terhalau untuk tinggal sebagai pendatang di Tanah Yehuda – ⁶ iaitu lelaki, perempuan, kanak-kanak, puteri-puteri raja, dan semua orang yang telah ditinggalkan oleh Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal itu, dengan Gedalya anak Ahikam anak Safan. Nabi Yeremia dan Barukh anak Neria juga dibawa mereka sekali. ⁷ Mereka tidak mahu mematuhi Tuhan dan tetap pergi ke Tanah Mesir. Maka sampailah mereka ke Tahpanhes.

Nubuat Yeremia: Mesir akan ditaklukkan Raja Nebukadnezar

⁸ Datanglah firman Tuhan kepada Yeremia di Tahpanhes demikian, ⁹ “Ambillah batu-batu besar. Di depan mata orang Yehuda, soroklah batu-batu itu di dalam tanah liat di dapur batu bata dekat dengan pintu masuk istana Firaun di Tahpanhes. ¹⁰ Katakan kepada mereka, ‘Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Sesungguhnya, Aku akan mengirim utusan untuk menjemput Nebukadnezar, raja Babel, hamba-Ku itu, dan Aku akan mendirikan takhtanya di atas

batu-batu yang Kusuruh sorok ini. Dia akan membentangkan tudung kerajaannya di atasnya. ¹¹ Dia akan datang menyerang Tanah Mesir, sehingga: Yang ke maut, ke mautlah! Yang ke tempat penawanan, ke tempat penawananlah! Yang ke pedang, ke pedanglah! ¹² Aku akan menyalakan api di kuil-kuil tuhan Mesir, dan Nebukadnezar akan membakar semua itu atau mengangkutnya seperti tawanan. Dia akan mengenakan Tanah Mesir seperti seorang gembala mengenakan pakaiannya dan akan keluar dari sana dengan selamat. ¹³ Dia akan menghancurkan tiang-tiang berhala Bet-Semes yang ada di Tanah Mesir dan akan membakar habis kuil-kuil tuhan Mesir.”

Nubuat terakhir Yeremia di Mesir

44 ¹ Demikianlah firman yang turun kepada Yeremia mengenai semua orang Yehuda yang tinggal di Tanah Mesir, iaitu di Migdol, di Tahpanhes, di Memfis, dan di Tanah Patros, ² “Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Kamu telah melihat segala malapetaka yang Kudatangkan ke atas Yerusalem dan ke atas semua kota Yehuda. Lihatlah, kota-kota itu telah menjadi reruntuhan pada hari ini dan tidak ada yang tinggal di dalamnya ³ kerana kejahatan yang dilakukan mereka. Mereka

hendak membangkitkan murka-Ku dengan pergi membakar dupa dan beribadat kepada tuhan-tuhan lain yang tidak dikenal, baik oleh mereka sendiri, oleh kamu, mahupun oleh nenek moyangmu. ⁴ Aku terus-menerus mengutus kepadamu semua hamba-Ku, para nabi itu, dengan pesan, 'Jangan lakukan hal keji yang Kubenci ini.' ⁵ Tetapi mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu memasang telinga untuk bertaubat daripada kejahatan mereka dan tidak lagi membakar dupa bagi tuhan-tuhan lain. ⁶ Oleh sebab itu amarah-Ku dan murka-Ku tercurah lalu menyala-nyala di kota-kota Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem, sehingga semuanya menjadi reruntuhan dan sunyi sepi sebagaimana nyata pada hari ini.

⁷ Sekarang, beginilah firman Tuhan, Allah alam semesta, Allah Israel: Mengapakah kamu mendatangkan malapetaka besar atas dirimu sendiri? Adakah kamu hendak melenyapkan lelaki, perempuan, anak-anak, dan bayi-bayi yang menyusu daripada kalangan orang Yehuda, sehingga tidak tersisa apa-apa pun bagimu?

⁸ Mengapakah kamu membangkitkan murka-Ku dengan buatan tanganmu dan membakar dupa bagi tuhan-tuhan lain di Tanah Mesir, yang kamu masuki untuk tinggal sebagai pendatang? Dengan demikian kamu dilenyapkan dan menjadi

kutukan serta celaan antara segala bangsa di bumi. ⁹ Sudah lupakah kamu akan kejahatan nenek moyangmu, kejahatan raja-raja Yehuda dan isteri-isteri mereka, juga kejahatanmu sendiri serta isteri-isterimu yang dilakukan di Tanah Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem? ¹⁰ Sampai hari ini mereka tidak merendahkan diri, tidak berasa takut, dan tidak menuruti hukum-Ku serta ketetapan-ketetapan-Ku yang telah Kuberikan kepadamu dan kepada nenek moyangmu.

¹¹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Sesungguhnya, Aku berketetapan untuk menghancurkan kamu dan melenyapkan semua orang Yehuda. ¹² Aku akan mengambil saki-baki orang Yehuda yang telah membulatkan hati untuk pergi ke Tanah Mesir dan tinggal sebagai pendatang di sana. Mereka semua akan dihabiskan. Di Tanah Mesir mereka akan tewas oleh pedang dan akan habis oleh bencana kebuluran. Daripada yang kecil sampai yang besar, semuanya akan mati oleh pedang dan oleh bencana kebuluran. Mereka akan menjadi kutukan, kengerian, sumpahan, dan celaan. ¹³ Aku akan menghukum mereka yang tinggal di Tanah Mesir dengan pedang, dengan bencana kebuluran, dan dengan wabak penyakit, sebagaimana Aku menghukum Yerusalem. ¹⁴ Daripada saki-baki orang Yehuda

yang telah pergi ke Tanah Mesir untuk tinggal sebagai pendatang di sana tidak ada yang akan terselamat atau tertinggal untuk kembali ke Tanah Yehuda, meskipun mereka rindu untuk kembali dan tinggal di sana. Sungguh, mereka tidak akan kembali, kecuali beberapa orang yang terselamat.”

¹⁵ Kemudian semua orang yang tahu bahwa isteri mereka membakar dupa kepada tuhan-tuhan lain dan juga semua perempuan yang hadir di situ – sebuah kumpulan besar, iaitu seluruh rakyat yang tinggal di Tanah Mesir dan di Patros – menjawab Yeremia demikian, ¹⁶ “Kami tidak mahu mendengar perkataan yang kausampaikan kepada kami atas nama Tuhan itu. ¹⁷ Kami akan tetap melakukan segala hal yang telah kami ucapkan: kami hendak membakar dupa kepada Ratu Langit dan mencurahkan persembahan minuman kepadanya, sebagaimana biasa kami lakukan, nenek moyang kami, raja-raja kami, dan para pembesar kami di kota-kota Yehuda serta di jalan-jalan Yerusalem. Pada waktu itu kami berkelimpahan makanan, hidup senang, dan tidak mengalami malapetaka. ¹⁸ Tetapi sejak kami berhenti membakar dupa kepada Ratu Langit dan mencurahkan persembahan minuman kepadanya, kami kekurangan segala sesuatu dan

kami dimusnahkan oleh pedang dan bencana kebuluran.”

¹⁹ Kaum perempuan pun berkata, “Ketika kami membakar dupa kepada Ratu Langit dan mencurahkan persembahan minuman kepadanya, adakah suami kami tidak tahu bahawa kami membuat penganan yang menyerupai patungnya dan mencurahkan persembahan minuman kepadanya?”

²⁰ Kata Yeremia kepada seluruh rakyat itu baik lelaki mahupun perempuan, iaitu semua orang yang telah memberikan jawapan kepadanya, ²¹ “Bukankah dupa yang dibakar di kota-kota Yehuda dan di jalan-jalan Yerusalem olehmu, oleh nenek moyangmu, oleh raja-rajamu, oleh para pembesarmu, dan oleh rakyat negeri itu diingat dan diperhatikan Tuhan? ²² Tuhan tidak dapat bersabar lagi melihat perbuatan-perbuatanmu yang jahat serta hal-hal keji yang kamu lakukan. Itulah sebabnya negerimu menjadi tempat reruntuhan, kengerian, dan kutukan, serta tanpa penduduk, sebagaimana nyata pada hari ini. ²³ Kerana kamu telah membakar dupa itu dan telah berdosa terhadap Tuhan, lalu kamu tidak mematuhi Tuhan dan tidak menuruti segala hukum-Nya, ketetapan-Nya, serta peraturan-Nya, maka malapetaka ini menimpa kamu, sebagaimana nyata pada hari ini.”

²⁴ Yeremia berkata pula kepada seluruh rakyat dan kepada semua perempuan itu, “Dengarlah firman Tuhan, wahai semua orang Yehuda yang ada di Tanah Mesir! ²⁵ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel: Dengan tindakanmu itu kamu dan isterimu telah memenuhi apa yang kamu ucapkan sendiri, ‘Kami akan melaksanakan sebaik-baiknya nazar yang kami ucapkan untuk membakar dupa kepada Ratu Langit dan mencurahkan persembahan minuman kepadanya.’

Baik, tepatilah nazarmu! Laksanakanlah nazarmu sebaik-baiknya! ²⁶ Tetapi dengarlah firman Tuhan, wahai semua orang Yehuda yang tinggal di Tanah Mesir, ‘Sesungguhnya, Aku telah bersumpah demi nama-Ku yang agung,’ demikianlah firman Tuhan, bahawa nama-Ku itu tidak akan disebut lagi di mulut orang Yehuda mana-mana pun di seluruh Tanah Mesir, dengan mengatakan, ‘Demi Tuhan Allah yang hidup.’

²⁷ Sesungguhnya, Aku akan mengawasi mereka bukan demi kebaikan mereka, melainkan demi kesusahan mereka. Semua orang Yehuda yang ada di Tanah Mesir akan dihancurkan oleh pedang dan bencana kebuluran sampai mereka lenyap sama sekali. ²⁸ Orang yang terselamat daripada pedang akan kembali dari Tanah Mesir ke Tanah Yehuda dalam jumlah yang

sedikit sahaja. Maka saki-baki orang Yehuda yang telah pergi ke Tanah Mesir dan tinggal sebagai pendatang di sana akan mengetahui perkataan siapa yang terlaksana, perkataan-Ku atau perkataan mereka. ²⁹ Inilah tandanya bagimu, demikianlah firman Tuhan, bahawa Aku akan menghukum kamu di tempat ini supaya kamu tahu bahawa firman-Ku mengenai kamu pasti terlaksana demi kesusahanmu.

³⁰ Beginilah firman Tuhan: Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan Firaun Hofra, raja Mesir, ke dalam tangan musuh-musuhnya dan ke dalam tangan orang yang mengancam nyawanya, sebagaimana Aku telah menyerahkan Zedekia, raja Yehuda, ke dalam tangan Nebukadnezar, raja Babel, musuhnya yang mengancam nyawanya.”

Kata penghiburan Yeremia kepada Barukh

45 ¹ Inilah firman yang disampaikan oleh Nabi Yeremia kepada Barukh anak Neria pada tahun keempat zaman pemerintahan Yoyakim anak Yosia, raja Yehuda, ketika Barukh menuliskan perkataan-perkataan tersebut dalam sebuah kitab langsung daripada penuturan Nabi Yeremia, ² “Beginilah firman Tuhan, Allah

44:30: 2Raj 25:1-7.

45:1: 2Raj 24:1; 2Taw 36:5-7; Dan 1:1,2.

Israel, kepadamu, wahai Barukh! ³ Engkau telah berkata, ‘Malangnya aku kerana Tuhan telah menambahkan dukacita pada penderitaanku! Aku penat berkeluh-kesah dan tidak mendapat ketenteraman.’ ”

⁴ Beginilah harus kaukatakan kepadanya, “Demikianlah firman Tuhan, ‘Sesungguhnya, Aku akan meruntuhkan apa yang Kubina dan Aku akan mencabut apa yang Kutanam. Begitulah halnya di seluruh negeri itu. ⁵ Haruskah kau cari bagi dirimu hal-hal yang besar? Jangan mencarinya. Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan malapetaka atas semua manusia, demikianlah firman Tuhan, tetapi nyawamu akan Kukurniakan seperti barang jarahan bagi dirimu sendiri ke mana-mana pun engkau pergi.”

Firman Tuhan tentang bangsa-bangsa

46 ¹ Firman Tuhan datang kepada Nabi Yeremia mengenai bangsa-bangsa.

Tentang Mesir

² Mengenai Mesir.

Dalam hal pasukan raja Mesir Firaun Nekho di tepi Sungai Efrat di Karkemis, yang dikalahkan oleh raja Babel Nebukadnezar pada tahun

keempat zaman pemerintahan raja Yehuda
Yoyakim anak Yosia:

³ “Siapkanlah perisai kecil dan perisai besar,
majulah untuk berperang!

⁴ Pasanglah kuda dan naiklah,
wahai pasukan berkuda!

Aturlah kedudukanmu
sambil memakai ketopong,
kilatkanlah tombak,
kenakanlah baju zirah.

⁵ Mengapakah Aku melihatnya?

Mereka ketakutan, mereka mundur.

Para kesateria mereka dikalahkan,
dan lari kucar-kacir tanpa menoleh.

Kegentaran dari segala jurusan!” demikianlah
firman Tuhan.

⁶ “Orang yang tangkas tidak dapat melarikan
diri,

kesateria tidak dapat menyelamatkan diri.

Di sebelah utara, di tepi Sungai Efrat,
mereka tersandung lalu jatuh.

⁷ Siapakah yang meluap seperti Sungai Nil ini,
yang airnya deras bergelora seperti
sungai-sungai?

⁸ Mesir meluap seperti Sungai Nil,

airnya deras bergelora seperti sungai-sungai.

Dia berkata, ‘Aku hendak meluap meliputi
bumi.

Aku hendak membinasakan kota dan penduduknya.'

⁹ Majulah, wahai segala kuda, berpaculah, wahai segala rata! Biarlah para kesateria keluar, orang Kush dan orang Put yang memegang perisai, orang Lidia yang memegang dan melenturkan busur.

¹⁰ Itulah hari Tuhan, Allah alam semesta, hari pembalasan untuk menuntut balas kepada lawan-lawan-Nya.

Pedang akan makan sampai kenyang dan akan puas minum darah mereka, kerana Tuhan, Allah alam semesta, mengadakan upacara korban di tanah utara, di tepi Sungai Efrat.

¹¹ Pergilah ke Gilead dan ambillah balsam, wahai perawan, puteri Mesir! Sia-sia kauguna banyak ubat, tidak ada kesembuhan bagimu.

¹² Bangsa-bangsa telah mendengar tentang aibmu, bumi telah penuh dengan jeritanmu. Kesateria yang satu tersandung pada kesateria yang lain, kedua-duanya jatuh bersama-sama."

¹³ Firman yang disampaikan Tuhan kepada Nabi Yeremia mengenai kedatangan Nebukadnezar, raja Babel, untuk menyerang Tanah Mesir,

¹⁴ “Beritahukanlah di Mesir

dan khabarkanlah di Migdol!

Khabarkanlah di Memfis dan di Tahpanhes!

Katakanlah, ‘Aturlah kedudukanmu dan bersiaplah,

kerana pedang memakan habis sekelilingmu.’

¹⁵ Mengapakah tumbang orangmu yang perkasa?

Mereka tidak dapat bertahan,

kerana Tuhan mengusir mereka.

¹⁶ Dia membuat ramai orang tersandung, bahkan jatuh, seorang menimpa yang lain.

Kata mereka, ‘Mari kita kembali

kepada bangsa kita dan ke negeri kelahiran kita untuk menghindari pedang yang mengamuk ini.’

¹⁷ Di sana mereka berseru, ‘Firaun, raja Mesir, hanya tukang ribut sahaja.

Dia membiarkan kesempatan berlalu begitu sahaja.’

¹⁸ Demi Aku yang hidup,” demikianlah firman Sang Raja

yang bernama Tuhan alam semesta,

“sungguh, seperti Tabor di antara gunung dan seperti Karmel di tepi laut, demikianlah dia akan datang.

¹⁹ Kemaslah barang-barangmu untuk diangkut ke tempat pembuangan, wahai penduduk, wahai puteri Mesir, kerana Memfis akan menjadi tandus dan akan dibakar sehingga tidak berpenduduk lagi.

²⁰ Mesir itu lembu betina muda yang sangat elok, tetapi lalat pikat dari sebelah utara mendatangnya.

²¹ Juga tentera upahan di tengah-tengahnya seperti anak lembu tambun. Mereka pun berpaling lalu melarikan diri bersama-sama, mereka tidak dapat bertahan, kerana hari kemalangan mendatangi mereka, iaitu masa penghukuman mereka.

²² Bunyinya seperti ular melata ketika mereka maju dengan pasukan mereka. Mereka mendatangi dia dengan kapak, seperti penebang pokok.

²³ Mereka akan menebang hutannya,” demikianlah firman Tuhan, “sekalipun hutan itu tidak dapat diterobos. Mereka lebih banyak daripada belalang,

tidak terhitung jumlahnya.

²⁴ Puteri Mesir akan malu,
dia akan diserahkan ke dalam tangan bangsa
dari utara.”

²⁵ Tuhan alam semesta, Allah Israel, berfirman,
“Sesungguhnya, Aku akan menjatuhkan hukuman
atas Dewa Amon dari Tebe, atas Firaun, atas
Mesir, atas dewa-dewanya,^r dan atas raja-raja
– atas Firaun dan atas orang yang bergantung
kepadanya. ²⁶ Aku akan menyerahkan mereka
ke dalam tangan orang yang mengancam nyawa
mereka, yaitu ke dalam tangan Nebukadnezar,
raja Babel, dan ke dalam tangan para pegawainya.
Tetapi kemudian negeri itu akan didiami seperti
pada zaman dahulu,” demikianlah firman Tuhan.

²⁷ “Jangan takut, wahai hamba-Ku Yakub,
jangan kecut hati, wahai Israel.
Sesungguhnya, Aku akan menyelamatkan
engkau dari tempat yang jauh,
dan keturunanmu dari negeri tempat mereka
ditawan.

Yakub akan kembali dan hidup tenang,
aman tanpa ada yang mengusik.

²⁸ Jangan takut, wahai hamba-Ku Yakub,”
demikianlah firman Tuhan,

^r46:25 Atau: Tuhan-tuhannya.

46:27: Yer 30:10,11.

“kerana Aku menyertai engkau.
Aku akan memusnahkan segala bangsa tempat
Aku menghalau engkau,
tetapi Aku tidak akan memusnahkan engkau.
Meski demikian, Aku akan menghukum engkau
dengan adil,
dan tidak akan begitu sahaja membebaskan
engkau daripada hukuman.”

Tentang orang Filistin

47 ¹ Firman Tuhan datang kepada Nabi
Yeremia mengenai orang Filistin, sebelum
Firaun mengalahkan Gaza.

² Beginilah firman Tuhan,
“Lihat, air meluap dari utara
menjadi sungai yang menghanyutkan,
meliputi negeri dan segala isinya,
kota serta penduduknya.
Manusia akan menjerit
dan seluruh penduduk negeri akan meraung-
raung

³ mendengar bunyi derap kuku kudanya,
mendengar deru rata-ratanya, gemuruh
roda-rodanya.

Ayah tidak berani menoleh ke belakang kepada
anak mereka,

semangat mereka patah,

⁴ kerana waktunya telah tiba untuk

membinasakan semua orang Filistin
dan untuk melenyapkan semua penolong yang
masih tinggal di Tirus dan Sidon.

Sesungguhnya, Tuhan akan membinasakan
orang Filistin,

saki-baki orang Pulau Kaftor.

⁵ Gaza menjadi gondol,

Askelon dimusnahkan.

Wahai orang yang tersisa di lembahnya,
berapa lama lagi engkau menoreh-noreh diri?

⁶ Ah, pedang Tuhan,

berapa lama lagi baru engkau berhenti?

Masuklah ke dalam sarungmu,

tenanglah dan diamlah!

⁷ Bagaimanakah dia dapat berhenti,

sedangkan Tuhan telah memberinya perintah?

Ke Askelon dan ke tepi laut,

ke sanalah Dia menetapkannya.”

Tentang Moab

48¹ Mengenai Moab.
Beginilah firman Tuhan alam semesta,
Allah Israel,

“Malangnya Nebo, kerana kota itu dirosakkan.
Kiryataim malu dan direbut,
kota benteng itu malu dan dihancurkan.

² Kemasyhuran Moab tidak ada lagi.

Di Hesbon orang merancang malapetaka untuk
menentanginya:

‘Mari kita lenyapkannya sehingga ia tidak lagi
menjadi sebuah bangsa.’

Juga engkau, wahai Madmen, akan dibisukan,
engkau akan dikejar pedang.

³ Dari Horonaim terdengar bunyi teriakan,
‘Kemusnahan dan kehancuran besar!’

⁴ Moab dihancurkan,
kanak-kanaknya menjerit-jerit.

⁵ Sungguh, orang mendaki tanjakan Luhit
sambil terus menangis,
dan di lereng Horonaim terdengar
teriakan yang menyesak kerana kehancuran.

⁶ Larilah, selamatkanlah diri!
Jadilah seperti semak di gurun!

⁷ Kerana engkau bergantung pada perbuatanmu
dan hartamu,

maka engkau pun akan direbut.

Kamos^s akan diangkut ke tempat pembuangan
dengan para pemuka agama dan pembesarnya
sekali gus.

⁸ Si pembinasa akan datang ke segala kota,
tidak ada kota yang akan terselamat.

Lembah akan binasa,
tanah datar akan musnah,
kerana Tuhan telah berfirman.

⁹ Berikanlah sayap kepada Moab,
supaya dia terbang pergi.

Kota-kotanya akan menjadi sunyi,
tidak ada yang tinggal di dalamnya.

¹⁰ Terkutuklah orang yang lalai dalam
melakukan pekerjaan Tuhan!

Terkutuklah orang yang menahan pedang-Nya
daripada penumpahan darah!

¹¹ Moab hidup aman sejak masa mudanya,
ia hidup tenang di atas endapan anggurnya.
Belum pernah ia dituangkan daripada sebuah
bejana kepada bejana yang lain,
dan belum pernah dia diangkut ke tempat
pembuangan.

^s48:7 Dewa Kamos

Oleh sebab itu cita rasanya tetap padanya dan baunya tidak berubah.

¹² Maka sesungguhnya, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan,

“bahawa Aku akan mengutus kepadanya orang yang akan menuangkannya, mengosongkan bejana-bejananya, dan memecahkan buyung-buyungnya.

¹³ Moab akan malu kerana Kamos,^t sebagaimana keturunan kaum Israel malu kerana Betel, tempat mereka bergantung.

¹⁴ Bagaimana engkau boleh berkata, ‘Kami ini kesateria, orang yang gagah perkasa untuk berperang’?

¹⁵ Moab rosak dan kota-kotanya dimasuki orang.

Pemudanya yang terpilih telah rebah untuk dibantai,”

demikianlah firman Sang Raja yang bernama Tuhan alam semesta.

¹⁶ “Bencana Moab sudah hampir tiba, kesusahannya datang begitu cepat.

¹⁷ Ratapilah ia, wahai semua yang ada di sekelilingnya, wahai semua yang mengenal namanya.

^t48:13 Dewa Kamos

Katakanlah, 'Betapa tampuk kekuasaan itu
patah,

tongkat kemuliaan itu!'

¹⁸ Turunlah daripada kemuliaanmu, duduklah
di tanah yang gersang,

wahai penduduk, wahai puteri Dibon,

kerana pembinasa Moab maju mendatangi
engkau,

memusnahkan kubu-kubumu.

¹⁹ Berdirilah di tepi jalan dan tengoklah,

wahai penduduk Aroer.

Bertanyalah kepada lelaki yang melarikan diri
dan kepada perempuan yang menyelamatkan
diri,

katakanlah, 'Apakah yang telah terjadi?'

²⁰ Moab malu kerana ia dihancurkan.

Meraung-raunglah dan berteriaklah,

uar-uarkanlah di Arnon

bahawa Moab telah dimusnahkan.

²¹ Penghukuman telah berlaku di atas tanah
datar,

atas Holon, Yahas, Mefaat,

²² Dibon, Nebo, Bet-Diblataim,

²³ Kiryataim, Bet-Gamul, Bet-Meon,

²⁴ Keriot, Bozra, dan segala kota di Tanah Moab,
baik yang jauh mahupun yang dekat.

²⁵ Kejayaan Moab dikerat, kekuasaannya
patah,"

demikianlah firman Tuhan.

²⁶ “Buatlah ia mabuk, kerana ia membesarkan diri terhadap Tuhan.

Moab akan berkubang dalam muntahnya. Ia juga akan menjadi bahan tertawaan orang.

²⁷ Bukankah Israel menjadi bahan ketawamu? Adakah dia ditawan antara pencuri sehingga engkau menggeleng-gelengkan kepala setiap kali engkau membicarakannya?

²⁸ Tinggalkanlah kota-kotamu dan berdiamlah di bukit batu,

wahai penduduk Moab.

Jadilah seperti burung merpati yang bersarang di sisi mulut gua.

²⁹ Kami telah mendengar tentang kebongkakan Moab –

ia memang sangat sombong tentang keangkuhannya dan kebongkakannya, kesombongannya dan tinggi hatinya.

³⁰ Aku tahu akan kegeramannya,”

demikianlah firman Tuhan,

“bualannya itu tidak benar, tindakannya pun tidak benar.”

³¹ Oleh sebab itu aku akan meratap kerana Moab,

aku akan berteriak kerana seluruh Moab.

Orang akan merintih kerana orang Kir-Heres.

³² Melebihi tangisan Yaezer,

aku akan menangisi engkau,
wahai pokok anggur Sibma.
Carang-carangmu melintasi laut,
mencapai Laut Yaezer,
tetapi si pembinasakan melanda buah-buah musim
panasmu
dan penuaian buah anggurmumu.

³³ Kesukaan dan kegembiraan telah hilang dari
ladang yang subur serta dari Tanah Moab.
Aku menyingkirkan anggur dari tempat
pemerasan.

Tidak ada lagi yang mengiruk dengan sorak-sorai
kegembiraan,
sorak-sorai bukanlah lagi sorak-sorai
kegembiraan.

³⁴ “Dari Hesbon sampai ke Eleale dan ke Yahas
suara jeritan terdengar,
juga dari Zoar sampai ke Horonaim dan
Eglat-Selisia.

Sungguh, air di Nimrim pun menjadi kering.

³⁵ Demikianlah firman Tuhan,
Aku akan melenyapkan orang di Moab,
yang mempersembahkan korban di bukit
pemujaan dan yang membakar dupa
kepada tuhan mereka.”

³⁶ “Oleh sebab itu hati-Ku bersenandung
seperti seruling kerana Moab.

Hati-Ku bersenandung seperti seruling kerana orang Kir-Heres.

Kekayaan yang diperoleh mereka sudah hilang.

³⁷ Sungguh, setiap kepala digondolkan dan setiap janggut dicukur.

Pada setiap tangan ada torehan dan pada setiap pinggang ada kain perkabungan.

³⁸ Di atas setiap bumbung rumah Moab dan di tempat-tempat umumnya ada ratapan belaka,

kerana Aku telah memecahkan Moab seperti barang yang tidak diinginkan orang," demikianlah firman Tuhan.

³⁹ "Betapa dia hancur dan meraung-raung! Betapa Moab membalikkan badan dengan malu!

Moab menjadi bahan tertawaan dan kengerian bagi semua yang ada di sekelilingnya."

⁴⁰ Beginilah firman Tuhan,

"Sesungguhnya, dia akan terbang cepat seperti burung rajawali dan mengembangkan sayapnya atas Moab.

⁴¹ Keriot direbut, kubu-kubu pertahanan diduduki.

Pada waktu itu hati kesateria Moab akan seperti hati perempuan yang sedang sakit bersalin.

⁴² Moab akan dimusnahkan sehingga tidak menjadi sebuah bangsa lagi, kerana ia membesarkan diri terhadap Tuhan.

⁴³ Kengerian, lubang jebakan, dan perangkap menantimu, wahai penduduk Moab,” demikianlah firman Tuhan.

⁴⁴ “Sesiapa yang lari menghindari kengerian itu akan terperosok ke dalam lubang jebakan, sesiapa naik dari dalam lubang jebakan, akan terkena perangkap, kerana Aku akan mendatangkan tahun penghukuman atasnya, ya, atas Moab,” demikianlah firman Tuhan.

⁴⁵ “Di bawah naungan Hesbon orang pelarian berhenti tanpa daya, kerana api keluar dari Hesbon dan nyala api dari tengah-tengah Sihon, lalu melahap pelipis Moab dan ubun-ubun orang yang berbuat gempar.

⁴⁶ Malangnya engkau, wahai Moab!

Binasalah umat Kamos!^u

Anak lelakimu dibawa tertawan dan anak perempuanmu menjadi tawanan.

⁴⁷ Namun demikian, Aku akan memulihkan keadaan Moab pada kemudian hari,”

^u**48:46** Dewa Kamos

demikianlah firman Tuhan.

Sampai di sinilah penghukuman ke atas Moab.

Tentang bani Amon

49¹ Mengenai bani Amon. Beginilah firman Tuhan,

“Adakah Israel tidak punya anak?

Adakah ia tidak punya ahli waris?

Lalu mengapa Milkom mewarisi Gad

dan umatnya tinggal di kota-kotanya?

² Maka sesungguhnya, waktunya akan datang”
demikianlah firman Tuhan,

“bahawa Aku akan memperdengarkan tempik sorak peperangan menentang Raba, kota bani Amon.

Kota itu akan menjadi timbunan puing yang sunyi sepi

dan kampung-kampungnya akan dibakar habis.

Maka Israel akan memiliki orang yang dahulu memilikinya,”

demikianlah firman Tuhan.

³ “Meraung-raunglah, wahai Hesbon, kerana Ai dirosakkan!

Berteriaklah, wahai puteri-puteri Raba, lilitkanlah kain perkabungan,

merataplah dan berjalanlah ke sana ke mari di balik tembok,

kerana Milkom akan diangkut ke tempat pembuangan dengan para imam dan pemukanya sekali gus.

⁴ Mengapakah engkau bermegah atas lembah-lembahmu yang berkelimpahan, wahai anak perempuan yang tidak setia? Dia bergantung pada hartanya dan berkata, 'Siapakah yang berani datang menyerang aku?'

⁵ Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan kengerian atasmu,"

demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta, "daripada semua orang di sekelilingmu.

Kamu akan dihalau, setiap orang ke arah hadapannya.

Tidak ada yang mengumpulkan orang pelarian itu.

⁶ Tetapi setelah itu Aku akan memulihkan keadaan bani Amon,"

demikianlah firman Tuhan.

Tentang Edom

⁷ Mengenai Edom. Beginilah firman Tuhan alam semesta,

“Tidak adakah lagi kebijaksanaan di Teman?
Adakah telah hilang nasihat orang yang
berkebijaksanaan?

Adakah sudah lenyap kebijaksanaan mereka?

⁸ Larilah, berpalinglah, tinggallah di dalam
lubang-lubang yang dalam,

wahai penduduk Dedan,

kerana Aku akan mendatangkan kemalangan
atas Esau pada waktu Aku menghukum
dia.

⁹ Jika pemetik buah anggur datang kepadamu,
bukankah mereka masih akan meninggalkan
sisa-sisa pemetikan?

Jika pada malam pencuri datang kepadamu,
bukankah mereka akan mengambil sebanyak
yang diperlukan mereka.

¹⁰ Tetapi Aku telah melucuti Esau.

Aku telah membuka tempat-tempat
persembunyiannya,

sehingga dia tidak dapat menyembunyikan diri.
Keturunannya, saudaranya,

dan jiran tetangganya binasa.

Dia pun tidak ada lagi.

¹¹ Tinggalkanlah anak-anak yatimmu,

Aku akan membiarkan mereka hidup.

Biarlah balu-balumu mempercayai Aku.”

¹² Beginilah firman Tuhan, “Sesungguhnya,
orang yang tidak ditentukan untuk minum dari

cawan itu pun telah meminumnya, masakan engkau bebas sama sekali daripada hukuman? Engkau tidak akan terlepas daripada hukuman, melainkan pasti meminumnya juga. ¹³ Aku telah bersumpah demi diri-Ku,” demikianlah firman Tuhan, “bahawa Bozra akan menjadi kengerian, celaan, kerosakan, dan kutukan. Segala kotanya akan menjadi reruntuhan yang kekal.”

¹⁴ Aku telah mendengar pesanan daripada Tuhan,

seorang duta telah diutus kepada bangsa-bangsa dengan pesanan,

“Berkumpullah dan seranglah dia!
Bersiaplah untuk berperang!

¹⁵ Sesungguhnya, Aku akan menjadikan engkau kecil di antara bangsa dan dihina antara kalangan manusia.

¹⁶ Kehebatanmu menipu engkau, begitu pula keangkuhan hatimu, wahai engkau yang berdiam di benteng-benteng bukit batu, yang menduduki tempat tinggi di bukit-bukit. Sekalipun engkau membuat sarangmu tinggi seperti burung rajawali, Aku akan menurunkan engkau dari sana,” demikianlah firman Tuhan.

¹⁷ “Edom akan menjadi kengerian.

Setiap orang yang melintasinya akan tercengang

dan melontarkan cemuhan kerana segala hukumannya.

¹⁸ Sebagaimana Sodom, Gomora, dan kota-kota tetangganya ketika ditunggangbalikkan,”

firman Tuhan,

“demikianlah tidak ada orang yang akan tinggal di sana

dan tidak ada anak manusia yang akan tinggal sebagai pendatang di dalamnya.

¹⁹ Sesungguhnya, seperti singa datang dari belukar Sungai Yordan ke padang ragut yang subur,

demikianlah secara tiba-tiba Aku akan membuat mereka lari dari sana.

Sesiapa yang terpilih akan Kuangkat untuk memerintah mereka.

Kerana siapakah seperti Aku?

Siapakah yang berani mendakwa Aku?

Siapakah gerangan gembala yang dapat bertahan di hadapan-Ku?

²⁰ Oleh sebab itu dengarlah rancangan yang ditetapkan Tuhan menentang Edom dan rancangan yang dibuat-Nya menentang penduduk Teman:

Sesungguhnya, yang terkecil daripada kawanan domba itu pun akan diseret.

Sesungguhnya, padang ragut mereka sendiri
akan tercengang kerana mereka.

²¹ Bumi gempa kerana bunyi kejatuhan mereka.
Bunyi teriakannya terdengar di Laut Merah.

²² Lihat, dia membumbung dan terbang cepat
seperti burung rajawali,
mengembangkan sayapnya atas Bozra.
Pada waktu itu hati para kesateria Edom akan
seperti hati perempuan yang sedang sakit
bersalin.”

Tentang Damsyik

²³ Mengenai Damsyik.

“Hamat dan Arpad bingung,
kerana mereka mendengar khabar buruk.
Mereka cemas, resah seperti laut, tidak dapat
tenang.

²⁴ Damsyik menjadi lemah,
ia berpaling untuk melarikan diri, rasa cemas
mencengkamnya.

Kesesakan dan kesakitan melilitnya seperti
perempuan yang sedang bersalin.

²⁵ Bagaimanakah orang tidak meninggalkan
kota yang terpuji itu,
kota kegirangan-Ku?

²⁶ Oleh sebab itu pemudanya akan roboh di tempat-tempat umumnya, semua pejuang akan dibisukan pada waktu itu,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

²⁷ “Aku akan menyalakan api di tembok Damsyik, yang akan melahap puri-puri Benhadad.”

Tentang suku-suku bangsa Arab

²⁸ Mengenai Kedar dan kerajaan-kerajaan Hazor yang dikalahkan oleh Nebukadnezar, raja Babel. Beginilah firman Tuhan,

“Bersiaplah dan seranglah Kedar, binasakanlah bani Timur!

²⁹ Khemah dan kawanan domba mereka akan dirampas.

Kain khemah, segala alat kelengkapan, dan unta mereka akan diambil.

Orang akan berseru kepada mereka, ‘Kegentaran dari segala jurusan!’

³⁰ Larilah, larilah cepat-cepat, tinggallah di lubang-lubang yang dalam, wahai penduduk Hazor,”

demikianlah firman Tuhan,

“kerana Nebukadnezar, raja Babel, telah memutuskan untuk menentang kamu dan telah membuat rancangan menentang kamu.

³¹ Ayuh maju, seranglah bangsa yang hidup tenang,
yang tinggal dengan aman,”
demikianlah firman Tuhan,
“yang tidak berpintu gerbang atau berpaling pintu,
dan berdiam sendirian!

³² Unta mereka akan menjadi rampasan,
ternakan mereka yang banyak itu akan menjadi jarahan.

Aku akan menyerakkan ke segala mata angin orang yang dipotong tepi rambutnya.

Aku akan mendatangkan kemalangan kepada mereka daripada segala pihak,”
demikianlah firman Tuhan.

³³ “Hazor akan menjadi sarang kawan-an serigala, tempat yang sunyi sepi untuk selama-lamanya.

Tidak ada orang yang akan tinggal di sana,
tidak ada anak manusia yang akan tinggal sebagai pendatang di dalamnya.”

Tentang Elam

³⁴ Firman Tuhan datang kepada Nabi Yeremia mengenai Elam pada permulaan pemerintahan Zedekia, raja Yehuda:

³⁵ “Beginilah firman Tuhan alam semesta:

Sesungguhnya, Aku akan mematahkan busur
Elam,

kekuatannya yang utama.

³⁶ Aku akan mendatangkan keempat-empat
mata angin dari keempat-empat penjuru
langit terhadap Elam.

Aku akan menyerakkan mereka ke segala mata
angin itu.

Tidak ada bangsa yang tidak akan kedatangan
orang Elam yang terhalau itu.

³⁷ Aku akan membuat Elam kecut hati di
hadapan musuh-musuhnya
dan di hadapan orang yang mengancam
nyawanya.

Aku akan mendatangkan malapetaka kepada
mereka,

iaitu murka-Ku yang menyala-nyala,”
demikianlah firman Tuhan.

“Aku akan menyuruh pedang mengejar mereka
sehingga Aku menghancurkan mereka.

³⁸ Aku akan menempatkan arasy-Ku^v di Elam
dan membinasakan dari sana raja serta
para pembesar,” demikianlah firman
Tuhan.

^v**49:38** Perkataan ‘arasy’ mempunyai banyak maksud, tetapi pada umumnya yang dimaksudkan ialah singgahsana atau takhta Tuhan.

³⁹ “Namun demikian, pada kemudian hari
Aku akan memulihkan keadaan Elam,”
demikianlah firman Tuhan.

Tentang Babel

50 ¹ Firman yang disampaikan Tuhan mengenai Babel, yaitu mengenai tanah orang Kasdim, dengan perantaraan Nabi Yeremia,
² “Beritahukanlah dalam kalangan bangsa, khabarkanlah, dan angkatlah panji-panji. Khabarkan dan jangan sembunyikan, katakanlah, ‘Babel telah direbut. Dewa Bel malu, Dewa Merodakh ketakutan. Patung-patungnya malu, berhala-berhalanya terkejut.’
³ Sebuah bangsa akan maju menyerangnya dari sebelah utara, mereka akan menjadikan negerinya tandus, tidak ada lagi penduduknya. Baik manusia mahupun haiwan, semuanya lari pergi.
⁴ Pada waktu itu dan pada saat itu,” demikianlah firman Tuhan, “orang Israel akan datang bersama-sama bani Yehuda.

Mereka akan berjalan sambil menangis, dan mencari hadirat Tuhan, Allah mereka.

⁵ Mereka akan menanyakan jalan ke Sion, wajah mereka terarah ke sana:

‘Mari kita mengikatkan diri kepada Tuhan dalam perjanjian kekal yang tidak akan dapat dilupakan.’

⁶ Umat-Ku seperti domba yang hilang. Gembala-gembalanya membiarkan mereka berkeliaran, tersesat di pergunungan.

Mereka berjalan dari gunung ke bukit, mereka lupa akan tempat peristirahatan mereka.

⁷ Semua orang yang mendapati mereka memangsakan mereka.

Kata lawan-lawan mereka,

‘Kami tidak bersalah, kerana mereka telah berdosa kepada Tuhan, tempat kebenaran, Tuhan, pengharapan nenek moyang mereka.’

⁸ Larilah dari tengah-tengah Babel, keluarlah dari tanah orang Kasdim.

Jadilah seperti kambing jantan yang memimpin kawanannya.

- ⁹ Sesungguhnya, Aku akan menggerakkan dan membangkitkan sekumpulan bangsa besar dari tanah utara terhadap Babel. Mereka akan mengatur barisan melawan dia, dari sanalah dia akan direbut. Anak-anak panah mereka seperti kesateria yang cukup mahir, yang tidak akan kembali dengan tangan kosong.
- ¹⁰ Tanah Kasdim akan menjadi jarahan, semua yang menjarahnya akan puas hati mereka,” demikianlah firman Tuhan.
- ¹¹ “Kerana kamu bergembira dan bersuka ria, wahai penjarah harta pusaka-Ku, kerana kamu melompat-lompat seperti lembu betina muda di padang rumput dan meringkik seperti kuda jantan,
- ¹² maka ibumu akan menjadi sangat malu, dia yang melahirkan kamu akan mendapat cela. Lihat, dia akan menjadi yang terakhir daripada bangsa-bangsa – suatu padang tandus, tanah gersang, dan gurun.
- ¹³ Kerana murka Tuhan, tanah itu tidak akan dihuni lagi, melainkan akan menjadi tempat yang sunyi sepi belaka. Setiap orang yang melintasi Babel akan tercengang

dan melontarkan cemuh kerana segala hukumannya.

¹⁴ Aturlah barisan penyerang mengelilingi Babel,

wahai para pelentur busur!

Panahlah dia, jangan sayang akan anak panahmu, kerana dia telah berdosa terhadap Tuhan.

¹⁵ Soraklah dia dari segala arah!

Dia telah menyerahkan diri,
dinding-dinding penyangganya roboh,
tembok-temboknya runtuh.

Kerana hal ini merupakan pembalasan daripada Tuhan,

adakanlah pembalasan terhadapnya!

Lakukanlah terhadap dia sebagaimana yang telah dilakukannya.

¹⁶ Lenyapkanlah dari Babel orang yang menabur benih,

dan orang yang memegang sabit pada musim menuai.

Untuk menghindari pedang yang mengamuk itu,

setiap orang akan kembali kepada bangsanya,
setiap orang akan melarikan diri ke negerinya.

¹⁷ Israel bak domba yang tercerai-berai,
dihalau oleh singa-singa.

Mula-mula raja Asyur memangsakannya, dan yang belakangan ini, Nebukadnezar, raja Babel, menghancurkan tulang-tulangnya.”

¹⁸ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel,

“Sesungguhnya, Aku akan menghukum raja Babel dan negerinya, sebagaimana Aku menghukum raja Asyur.

¹⁹ Aku akan mengembalikan Israel ke padang ragutnya, dan dia akan merumput di atas Karmel serta Basan.

Jiwanya akan puas di atas Pergunungan Efraim dan di Gilead.

²⁰ Pada waktu itu dan pada saat itu,”

demikianlah firman Tuhan,

“kesalahan Israel akan dicari tetapi tidak akan ada,

begitu pula dosa Yehuda tetapi tidak akan didapati,

kerana Aku akan mengampuni orang yang Kujadikan saki-baki.

²¹ Maju, seranglah Tanah Merataim!

Seranglah tanah itu dan juga penduduk Pekod. Bunuh dan tumpaskan mereka,”

demikianlah firman Tuhan,

“lakukanlah selaras dengan semua yang
Kuperintahkan kepadamu.

²² Gemuruh bunyi peperangan di negeri,
suatu kehancuran yang besar!

²³ Betapa patah dan hancur paluan yang
memukul seluruh bumi itu!

Betapa Babel menjadi kengerian di antara
bangsa-bangsa!

²⁴ Aku memasang jerat bagimu dan engkau pun
tertangkap,

wahai Babel, tanpa kausedari.

Engkau didapati dan ditangkap juga,
kerana engkau telah menentang Tuhan.

²⁵ Tuhan telah membuka tempat persenjataan-
Nya

dan mengeluarkan senjata-senjata murka-Nya,
kerana Tuhan, Allah alam semesta,
mempunyai suatu pekerjaan di tanah
orang Kasdim.

²⁶ Datanglah, serang dia dari segala jurusan.
Bukalah jelapang-jelapangnya,
timbunlah dia seperti tompokan barli,
dan tumpaskanlah dia.

Jangan ada yang tersisa daripadanya.

²⁷ Bunuhlah semua lembu jantannya,
biarlah semuanya rebah untuk dibantai.

Malangnya mereka, kerana harinya telah tiba,
iaitu masa penghukuman mereka.

²⁸ Terdengar suara orang yang melarikan diri
dan yang terselamat dari Tanah Babel,
memberitahukan di Sion tentang pembalasan
Tuhan, Allah kita,
pembalasan kerana Bait Suci-Nya.

²⁹ Kerahkanlah para pemanah menyerang
Babel,
semua pelentur busur!
Berkhemahlah mengepung dia,
jangan ada yang terselamat.
Balaslah dia setimpal dengan perbuatannya,
lakukanlah terhadapnya sebagaimana yang
telah dilakukannya, kerana dia bersikap
angkuh terhadap Tuhan,
terhadap Yang Maha Suci, yang disembah
orang Israel.

³⁰ Oleh sebab itu pemudanya akan rebah di
tempat-tempat umumnya,
semua pejuangnya akan ditumbangkan pada
hari itu,”
demikianlah firman Tuhan.

³¹ “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu,
wahai engkau yang angkuh,”
demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta,
“kerana waktumu telah tiba, iaitu saat Aku akan
menghukum engkau.

³² Si angkuh itu akan tersandung dan jatuh,
tidak ada yang mengangkatnya.

Aku akan menyalakan api di kota-kotanya,
yang akan melahap semua yang ada di
sekelilingnya.”

³³ Beginilah firman Tuhan alam semesta,
“Orang Israel dan bani Yehuda sama-sama
ditindas.

Semua yang menawan mereka mencengkeram
mereka,

dan tidak mahu melepaskan mereka.

³⁴ Namun demikian, Penebus mereka kuat.

Tuhan alam semesta, ialah nama-Nya.

Dia pasti memperjuangkan perkara mereka
supaya Dia dapat memberikan ketenangan
bagi bumi dan kegemparan bagi penduduk
Babel.”

³⁵ “Pedang terhunus terhadap orang Kasdim,”
demikianlah firman Tuhan,

“terhadap penduduk Babel,
terhadap pembesar dan terhadap orang yang
bijak.

³⁶ Pedang terhunus terhadap para peramal
pembohong,

sehingga mereka menjadi bodoh.

Pedang terhunus terhadap kesaterianya,
sehingga mereka menjadi kecut hati.

³⁷ Pedang terhunus terhadap kuda-kudanya,
terhadap rata-ratanya,
dan terhadap segala bangsa campuran yang
ada di tengah-tengahnya,
sehingga mereka menjadi seperti perempuan.
Pedang terhunus terhadap
perbendaharaannya,
sehingga semuanya dirampas.

³⁸ Kemarau menimpa perairannya,
sehingga menjadi kering,
kerana negeri itu penuh patung ukiran.
Mereka menjadi gila dengan berhala mereka.

³⁹ Oleh sebab itu binatang gurun dan anjing
hutan akan tinggal di sana.
Burung unta^w pun akan tinggal di dalamnya.
Negeri itu tidak akan dihuni lagi untuk
seterusnya dan tidak akan didiami lagi
turun-temurun.

⁴⁰ Sebagaimana Sodom, Gomora, dan kota-kota
tetangganya ketika ditunggangbalikkan
Allah," firman Tuhan,
"demikianlah tidak ada orang yang akan tinggal
di sana

^w**50:39** Ada naskah menyebutnya sebagai 'burung hantu.'

dan tidak ada anak manusia yang akan tinggal
sebagai pendatang di dalamnya.

⁴¹ Lihat, sebuah pasukan datang dari sebelah
utara.

Sebuah bangsa yang besar serta ramai rajanya
akan digerakkan dari hujung bumi.

⁴² Mereka memegang busur dan lembing.
Mereka bengis dan tidak berbelas kasihan.
Suara mereka menderu seperti laut
dan mereka menunggangi kuda.

Seperti orang hendak berperang, mereka
mengatur barisan
untuk menyerang engkau, wahai puteri Babel.

⁴³ Raja Babel mendengar khabar tentang
mereka,

lalu patahlah semangatnya.

Kesesakan mencengkamnya.

Dia kesakitan seperti perempuan yang sedang
bersalin.

⁴⁴ Sesungguhnya, seperti singa datang dari
belukar Sungai Yordan ke padang ragut
yang subur,

demikianlah secara tiba-tiba Aku akan
membuat mereka lari dari sana.

Sesiapa yang terpilih akan Kuangkat untuk
memerintah mereka.

Kerana siapakah seperti Aku?

Siapakah yang berani menentang Aku?

Siapakah gerangan gembala yang dapat bertahan di hadapan-Ku?

⁴⁵ Oleh sebab itu dengarlah rancangan yang ditetapkan Tuhan menentang Babel dan rancangan yang dibuat-Nya menentang tanah orang Kasdim:

Sesungguhnya, yang terkecil daripada kawanan domba itu pun akan diseret.

Sesungguhnya, padang ragut mereka sendiri akan tercengang kerana mereka.

⁴⁶ Bumi gempa kerana bunyi penawanan Babel. Teriakan mereka terdengar dalam kalangan bangsa.”

Hukuman Allah terhadap Babel

51 ¹ Beginilah firman Tuhan,
“Sesungguhnya, Aku akan menggerakkan suatu semangat pemusnah untuk melawan Babel dan penduduk Leb Kamai.

² Aku akan mengutus ke Babel orang asing yang akan menampi dia dan mengosongkan negerinya.

Mereka akan mengepung dia dari segala jurusan pada hari kesesakan.

³ Hendaklah pemanah merentangkan busurnya terhadap dia dan terhadap orang yang meninggikan diri dalam baju zirahnya.

Jangan sayangkan pemudanya,
tumpaslah seluruh tenteranya.

⁴ Mereka akan tewas terbunuh di tanah orang
Kasdim

dan tertikam di jalan-jalannya.

⁵ Sungguh, Israel dan Yehuda tidak ditinggalkan
oleh Allahnya,

iaitu Tuhan alam semesta,

sekalipun negerinya penuh dengan kesalahan
terhadap Yang Maha Suci, yang disembah
orang Israel.

⁶ Larilah dari tengah-tengah Babel,
selamatkanlah nyawa masing-masing.

Janganlah sampai kamu dibinasakan kerana
kesalahannya,

kerana inilah waktu pembalasan Tuhan.

Dia akan mengadakan pembalasan
terhadapnya.

⁷ Babel tadinya seperti cawan emas di tangan
Tuhan,

yang memabukkan seluruh bumi.

Bangsa-bangsa meminum air anggurnya, sebab
itu bangsa-bangsa menjadi gila.

⁸ Tiba-tiba Babel jatuh dan hancur.

Meraung-raunglah kerana dia,
ambillah balsam untuk sakitnya,

siapa tahu dia boleh disembuhkan.

⁹ 'Kami bermaksud menyembuhkan Babel,
tetapi dia tidak tersembuhkan.

Tinggalkanlah dia, mari kita pulang ke negeri
masing-masing,

kerana penghukumannya telah sampai ke langit
dan telah terangkat sampai ke awan.'

¹⁰ Tuhan telah membuat kebenaran kita nyata.
Mari kita ceritakan di Sion perbuatan Tuhan,
Allah kita.

¹¹ Tajamkanlah anak panah,
siapkanlah perisai.

Tuhan telah membangkitkan semangat raja-raja
Media,

kerana rancangan-Nya adalah untuk
memusnahkan Babel.

Inilah pembalasan Tuhan,
pembalasan kerana Bait Suci-Nya.

¹² Angkatlah panji-panji terhadap tembok-
tembok Babel,

perkuatkanlah penjagaan.

Tempatkanlah penjaga,

siapkanlah penyerang hendap,

kerana Tuhan telah merancangkan dan

melaksanakan apa yang difirmankan-Nya
mengenai penduduk Babel.

¹³ Wahai engkau yang berdiam di tepi perairan
besar,

yang berlimpah harta,
kesudahanmu telah tiba,
yaitu batas ketamakanmu.

¹⁴ Tuhan alam semesta, telah bersumpah demi
diri-Nya:

Sesungguhnya, Aku akan memenuhi engkau
dengan manusia sebanyak belalang.

Mereka akan meneriakkan pekikan perang
terhadap engkau.

¹⁵ Allah menjadikan bumi dengan kuasa-Nya.
Dia menegakkan dunia dengan kebijaksanaan-
Nya

dan membentangkan langit dengan
pengertian-Nya.

¹⁶ Ketika Dia memperdengarkan suara-Nya,
riuhlah air di langit.

Dia menaikkan kabus dari hujung bumi,
membuat kilat menyertai hujan,
dan mengeluarkan angin daripada
perbendaharaan-Nya.

¹⁷ Semua manusia itu dungu dan tidak
berpengetahuan.

Semua tukang emas menjadi malu kerana
patung ukiran mereka.

Patung tuangan mereka ialah kebohongan,
tidak ada nafas di dalamnya.

¹⁸ Semua itu kesia-siaan,
pekerjaan yang menjadi bahan ejekan,
yang akan binasa pada waktu dihukum.

¹⁹ Tetapi Dia yang menjadi Pusaka Yakub
tidaklah demikian,
kerana Dialah yang membentuk segala sesuatu,
dan Israel ialah suku harta pusaka-Nya.

Tuhan alam semesta, ialah nama-Nya.

²⁰ “Engkau adalah godam bagi-Ku, senjata
perang,

denganmu Aku menghancurkan bangsa-
bangsa,

denganmu Aku memusnahkan kerajaan-
kerajaan,

²¹ denganmu Aku menghancurkan kuda dan
penunggangnya,

denganmu Aku menghancurkan rata dan
pengendaranya,

²² denganmu Aku menghancurkan lelaki dan
perempuan,

denganmu Aku menghancurkan orang tua dan
orang muda,

denganmu Aku menghancurkan pemuda dan
pemudi,

²³ denganmu Aku menghancurkan gembala dan
kawanan ternaknya,

denganmu Aku menghancurkan petani dan pasangan lembunya,
denganmu Aku menghancurkan penguasa dan pembesar.

²⁴ Aku akan membalas kepada Babel dan kepada seluruh penduduk Kasdim segala kejahatan yang telah dilakukan mereka di Sion, di hadapan matamu sendiri," demikianlah firman Tuhan.

²⁵ "Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu, wahai gunung pemusnah, yang memusnahkan seluruh bumi," demikianlah firman Tuhan.

"Aku akan menghulurkan tangan-Ku terhadap engkau, menggulingkan engkau dari bukit batu, dan menjadikan engkau gunung yang terbakar.

²⁶ Orang tidak akan mengambil batu penjuru atau batu asas daripadamu, tetapi engkau akan menjadi sunyi sepi untuk selama-lamanya," demikianlah firman Tuhan.

²⁷ Angkatlah panji-panji di negeri, tiuplah sangkakala di antara bangsa-bangsa. Persiapkanlah bangsa-bangsa melawan dia, kerahkanlah kerajaan-kerajaan melawan dia – Ararat, Mini, dan Askenas.

Angkatlah seorang panglima melawan dia,
bawalah kuda sebanyak kerumunan
belalang.

²⁸ Persiapkanlah bangsa-bangsa melawan dia,
raja-raja Media berserta pembesar mereka,
semua penguasa mereka dan semua
negeri yang ada di bawah kuasa mereka.

²⁹ Negeri itu goncang dan gementar kerana
rancangan Tuhan menentang Babel
terlaksana,

iaitu untuk menjadikan Tanah Babel tandus,
tanpa penduduk.

³⁰ Kesateria Babel berhenti berperang, mereka
tinggal di kubu-kubu pertahanan.

Keperkasaan mereka hilang,
mereka menjadi seperti perempuan.

Tempat-tempat penghunian mereka telah
terbakar, palang-palang pintu mereka
telah patah.

³¹ Seorang pesuruh cepat berlari menyusul
yang lain dan seorang pembawa khabar
menyusul yang lain,
untuk memberitahu raja Babel bahawa kotanya
telah direbut dari segala penjuru.

³² Tempat-tempat penyeberangan telah
direbut,

benteng pertahanan telah dibakar habis,
para pejuang menjadi gempar.”

³³ Beginilah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel,

“Puteri Babel seperti tempat pembantingan pada waktu orang mengirik.

Tidak lama lagi akan datang musim menuai baginya.”

³⁴ “Nebukadnezar, raja Babel, melahap kami, menghancurkan kami, meletakkan kami seperti bejana kosong.

Ditelannya kami seperti ular naga, dipenuhinya perutnya dengan yang lezat daripada kami,

lalu dimuntahkannya kami.

³⁵ Biarlah kekerasan yang terjadi ke atasku dan ke atas darah dagingku dibalas kepada Babel,”

kata penduduk Sion.

“Biarlah darahku dibalas kepada penduduk Kasdim,”

kata Yerusalem.

³⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan memperjuangkan perkaramu dan menuntut balas bagimu.

Aku akan menohorkan lautnya dan mengeringkan mata airnya.

³⁷ Babel akan menjadi timbunan puing, sarang kawanannya serigala, tempat kengerian dan cemuhan,

tanpa penduduk.

³⁸ Mereka akan mengaum bersama-sama
seperti singa muda,
menggeram seperti anak singa.

³⁹ Setelah mereka berasa panas,
Aku akan mengadakan perjamuan bagi mereka.
Aku akan memabukkan mereka sehingga
mereka bersuka ria,
lalu tertidur sepanjang masa dan tidak terjaga
lagi,”

demikianlah firman Tuhan.

⁴⁰ Aku akan merebahkan mereka untuk dibantai
seperti anak-anak domba,
seperti domba jantan dan kambing jantan.

⁴¹ Betapa Sesakh direbut!
Negeri yang dipuji seluruh bumi itu diduduki!
Betapa Babel menjadi kengerian di antara
bangsa-bangsa!

⁴² Laut telah meluap melanda Babel,
gelombang-gelombangnya yang riuh
meliputinya.

⁴³ Kota-kotanya menjadi tandus,
gersang dan sebuah gurun,
sebuah negeri yang tidak dihuni oleh seorang
pun dan tidak dilintasi oleh anak manusia.

⁴⁴ Aku akan menghukum Dewa Bel di Babel,
dan Aku akan mengeluarkan daripada mulutnya
apa yang ditelannya.

Bangsa-bangsa tidak akan berduyun-duyun lagi
mendatanginya,

tembok Babel pun akan roboh.

⁴⁵ Keluarlah dari dalamnya,

wahai umat-Ku,

selamatkanlah nyawa masing-masing daripada
murka Tuhan yang menyala-nyala.

⁴⁶ Jangan tawar hati dan ketakutan kerana
khabar yang terdengar di negeri:

khabar yang satu datang tahun ini

dan tahun kemudian datang khabar yang lain,

kekerasan terjadi di negeri

dan penguasa melawan penguasa.

⁴⁷ Sesungguhnya, waktunya akan datang,

bahawa Aku akan menghukum patung-patung
ukiran Babel.

Seluruh negerinya akan malu

dan semua orangnya yang terbunuh akan rebah
di tengah-tengahnya.

⁴⁸ Maka langit, bumi, dan segala isinya akan
bersorak-sorai kerana Babel,

kerana para pembinasanya mendatanginya dari
sebelah utara,"

demikianlah firman Tuhan.

⁴⁹ Babel harus jatuh kerana orang Israel yang
terbunuh,

sebagaimana orang yang terbunuh di seluruh bumi telah jatuh kerana Babel.

⁵⁰ Kamu yang terselamat daripada pedang, pergilah, jangan berhenti!

Ingatlah Tuhan dari jauh dan biarlah Yerusalem ada dalam fikiranmu.

⁵¹ 'Kami malu, kerana kami telah mendengar celaan.

Aib menyelubungi muka kami, kerana orang asing telah masuk ke dalam tempat-tempat suci di Bait Tuhan.'

⁵² "Sesungguhnya, waktunya akan datang," demikianlah firman Tuhan,

"bahawa Aku akan menghukum patung-patung ukirannya.

Di seluruh negerinya akan mengerang orang yang tertikam.

⁵³ Sekalipun Babel naik ke langit, dan sekalipun dia memperkukuh kubu kekuatannya di tempat tinggi, atas perintah-Ku para pembinasakan akan mendatangnya,"

demikianlah firman Tuhan.

⁵⁴ "Terdengar bunyi teriakan dari Babel, bunyi kehancuran besar dari negeri orang Kasdim!

⁵⁵ Tuhan merosakkan Babel dan menghentikan hiruk-pikuknya yang hebat.

Gelombang pasukan musuh menderu seperti
limpahan air,
dan terdengar keributan suaranya.

⁵⁶ Pembinasanya datang menyerangnya, ya,
menyerang Babel.

Kesaterianya akan ditangkap
dan busur-busur mereka akan dihancurkan,
sebab Tuhan ialah Allah yang pembalas.
Dia pasti mengadakan pembalasan.

⁵⁷ Aku akan memabukkan pembesarnya, orang
bijaknya,
para pembesarnya, para penguasanya, dan
para kesaterianya.

Mereka akan terlelap sepanjang masa dan tidak
akan terjaga lagi,”
demikianlah firman Sang Raja yang bernama
Tuhan alam semesta.

⁵⁸ Beginilah firman Tuhan alam semesta,
“Tembok-tebok Babel yang tebal akan
diruntuhkan
dan pintu-pintu gerbangnya yang tinggi akan
dibakar habis
sehingga bangsa-bangsa melelahkan diri untuk
sesuatu yang sia-sia sahaja,
dan suku-suku bangsa meletihkan diri untuk
sesuatu yang akan dimakan api sahaja.”

⁵⁹ Kata-kata yang dipesankan Nabi Yeremia
kepada Seraya anak Neria anak Mahseya

ketika Seraya pergi ke Babel dengan Zedekia, raja Yehuda, pada tahun keempat zaman pemerintahannya – Seraya ialah ketua alat kelengkapan.⁶⁰ Dalam sebuah kitab Yeremia menulis segala malapetaka yang akan menimpa Babel, iaitu segala firman yang tertulis di atas mengenai Babel.⁶¹ Kata Yeremia kepada Seraya, “Ingat, setelah sampai di Babel, bacakanlah segala firman ini.⁶² Kemudian katakanlah, ‘Ya Tuhan, Engkau telah berfirman mengenai tempat ini bahawa Engkau akan melenyapkannya, sehingga tidak ada lagi yang tinggal di dalamnya, baik manusia mahupun haiwan. Kota ini akan menjadi sunyi sepi untuk selama-lamanya.’⁶³ Setelah engkau selesai membaca kitab ini, ikatkanlah sebuah batu padanya lalu campakkannya ke tengah-tengah Sungai Efrat.⁶⁴ Kemudian katakanlah, ‘Begitulah Babel akan tenggelam dan tidak akan timbul lagi, kerana malapetaka yang Kudatangkan kepadanya. Mereka akan menjadi lemah longlai.’ ”

Sampai di sinilah kata-kata Yeremia.

Zedekia, Raja Yehuda

52¹ Zedekia berumur dua puluh satu tahun pada waktu dia menaiki takhta, dan dia

bertakhta di Yerusalem selama sebelas tahun. Nama ibunya ialah Hamutal anak Yeremia, dari Libna. ² Dia melakukan apa yang jahat di mata Tuhan seperti semua yang dilakukan Yoyakim. ³ Di Yerusalem dan Yehuda murka Tuhan dibangkitkan sehingga Dia membuang mereka dari hadirat-Nya.

Seterusnya Zedekia memberontak terhadap raja Babel. ⁴ Pada tahun kesembilan zaman pemerintahan Zedekia, pada hari kesepuluh bulan kesepuluh, datanglah Nebukadnezar, raja Babel, dengan seluruh pasukannya menyerang Yerusalem. Mereka berkhemah mengepung kota itu dan membina tembok pengepung di sekelilingnya. ⁵ Kota itu pun dikepung sampai tahun kesebelas zaman pemerintahan Raja Zedekia. ⁶ Pada hari kesembilan bulan keempat, bermaharajalelalah kebuluran di kota, dan rakyat negeri itu sudah tidak ada makanan lagi. ⁷ Kemudian berlakulah rekahan pada tembok kota lalu larilah semua pejuang pada waktu malam dari kota itu melalui jalan pintu gerbang di antara kedua-dua tembok yang terletak dekat dengan taman raja, sementara orang Kasdim mengepung kota itu. Mereka lari menuju Araba. ⁸ Akan tetapi, pasukan orang Kasdim mengejar

Raja Zedekia dan berhasil menyusulnya di dataran Yerikho, sehingga tercerailah seluruh pasukannya daripada dia. ⁹ Kemudian mereka menangkap raja dan membawanya untuk menghadap raja Babel di Ribla, di Tanah Hamat. Raja Babel pun menjatuhkan hukuman atasnya. ¹⁰ Di Ribla raja Babel menyuruh agar anak-anak Zedekia disembelih di hadapan matanya, juga semua pembesar Yehuda. ¹¹ Kemudian mata Zedekia dibutakan dan dia dibelenggu dengan rantai gangsa. Raja Babel membawa Zedekia ke Babel dan memasukkannya ke dalam rumah tahanan sampai hari kematiannya.

Runtuhnya kerajaan Yehuda

¹² Dalam tahun kesembilan belas zaman pemerintahan Raja Nebukadnezar, raja Babel, tepatnya pada hari kesepuluh dalam bulan kelima, datanglah Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal yang melayani raja Babel, ke Yerusalem. ¹³ Dia membakar Bait Tuhan, istana raja, dan semua rumah di Yerusalem. Setiap rumah yang besar dibakarnya habis. ¹⁴ Kemudian seluruh pasukan orang Kasdim yang menyertai ketua pasukan pengawal itu merobohkan tembok di sekeliling Yerusalem. ¹⁵ Nebuzaradan, kepala

pasukan pengawal itu, membuang sebahagian rakyat termiskin, saki-baki rakyat yang tertinggal di kota, pembelot yang memihak kepada raja Babel, dan saki-baki para tukang. ¹⁶ Tetapi Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal itu, menyisakan sebahagian daripada orang termiskin di negeri itu untuk dijadikan pemelihara kebun anggur dan peladang.

¹⁷ Orang Kasdim menghancurkan tiang-tiang gangsa yang ada di Bait Tuhan, juga segala penopang, dan kolam gangsa yang ada di Bait Tuhan. Seluruh gangsanya diangkut mereka ke Babel. ¹⁸ Mereka juga mengambil segala kualiti, penyodok, sepit, bokor, pedupaan, dan semua alat kelengkapan gangsa yang digunakan untuk menyelenggarakan ibadat. ¹⁹ Ketua pasukan pengawal mengambil segala mangkuk, perbaraan, bokor, kualiti, kaki pelita, pedupaan, dan mangkuk persembahan minuman, baik yang dibuat daripada emas mahupun yang daripada perak. ²⁰ Gangsa daripada kedua-dua tiang, kolam-kolaman, dan kesemua dua belas ekor lembu gangsa di bawah penopang yang dibuat oleh Raja Salomo untuk Bait Tuhan tidak tertimbang beratnya. ²¹ Tinggi sebatang tiang ialah lapan belas hasta, dan tali sepanjang

dua belas hasta dapat melilitnya. Tebalnya berukuran empat jari dan bahagian dalamnya berongga. ²² Di atasnya terdapat kepala tiang daripada gangsa setinggi lima hasta dengan jala-jala dan buah delima berkeliling di bahagian atasnya, semuanya daripada gangsa. Tiang yang kedua demikian juga, dengan buah delimanya. ²³ Ada sembilan puluh enam buah delima pada sisi-sisinya, sedang pada jala-jala seluruhnya ada seratus buah delima berkeliling.

²⁴ Kemudian ketua pasukan pengawal menangkap Imam Besar Seraya, dan Zefanya, penolong imam besar, serta ketiga-tiga orang penjaga pintu. ²⁵ Antara orang yang masih ada di kota ditangkapnya seorang pegawai istana yang menjadi pengawas para pejuang, tujuh orang penasihat raja, jurutulis panglima tentera yang mengerahkan rakyat negeri, dan enam puluh orang daripada kalangan rakyat negeri.

²⁶ Nebuzaradan, ketua pasukan pengawal itu, menangkap dan membawa mereka menghadap raja Babel di Ribla. ²⁷ Lalu raja Babel menyuruh agar mereka dihukum mati di Ribla, di Tanah Hamat.

Demikianlah orang Yehuda dibuang negeri dari tanah mereka. ²⁸ Inilah jumlah rakyat yang diangkut ke tempat pembuangan oleh Nebukadnezar: Pada tahun ketujuh: 3,023 orang

Yehuda. ²⁹ Pada tahun kelapan belas zaman pemerintahan Nebukadnezar: 832 orang dari Yerusalem. ³⁰ Pada tahun kedua puluh tiga zaman pemerintahan Nebukadnezar: 745 orang Yahudi^x yang dibuang oleh Nebuzaradan, kepala pasukan pengawal. Jumlah semuanya ialah 4,600 orang.

Raja Yoyakhin dikasihani

³¹ Pada tahun ketiga puluh tujuh semasa pembuangan Yoyakhin, raja Yehuda, Ewil-Merodakh menaiki takhta menjadi raja Babel. Pada tahun itu juga, tepatnya pada hari kedua puluh lima, bulan kedua belas, dia memberikan keihsanan kepada Yoyakhin, raja Yehuda, dan mengeluarkannya daripada penjara. ³² Ewil-Merodakh berbicara baik-baik kepadanya dan memberinya kedudukan yang lebih tinggi daripada kedudukan raja-raja yang ada bersama-samanya di Babel. ³³ Yoyakhin pun mengganti pakaian penjaranya dan dia sentiasa makan di hadapan raja seumur hidupnya. ³⁴ Raja Babel sentiasa memberinya peruntukan makanan sekadar keperluan sehari-hari, seumur hidupnya sampai hari matinya.

^x**52:30** Juga dikenali sebagai orang Israel.

RATAPAN

Keruntuhan dan kesunyian Yerusalem

1 ¹ Betapa sunyinya kota itu,
yang dahulu ramai penduduknya!
Kini kota itu bagaikan seorang balu,
padahal dahulu besar dalam kalangan bangsa!
Ratu antara wilayah itu

kini menjadi buruh paksa!

² Sedu-sedan tangisannya pada malam hari,
air matanya meleleh di pipi.

Di antara semua kekasihnya,
tiada seorang pun yang menghibur dirinya.

Semua sahabatnya mengkhianatinya,
mereka kini menjadi musuhnya.

³ Yehuda kini dalam pembuangan
kerana kesusahan dan perhambaan yang berat.
Tinggalnya kini dalam kalangan bangsa,
tetapi tidak mendapat ketenteraman.
Semua yang mengejanya berjaya memintasnya
di tengah-tengah kesesakannya.

⁴ Berdukacitalah jalan-jalan menuju Sion
kerana tiada seorang pun yang datang
menghadiri perayaan.

Sunylah kesemua pintu gerbangnya,

para imamnya berkeluh-kesah,
para perawannya berhiba,
dan hatinya sendiri begitu getir.

⁵ Para lawannya menjadi pemimpin,
para musuhnya makmur dan maju
kerana Tuhan membuat dia berdukacita
atas sebab segala pelanggaranannya.
Kanak-kanaknya sudah pergi sebagai tawanan
di hadapan lawan.

⁶ Hilanglah daripada puteri Sion segala
kebesarannya.
Para penguasanya bak rusa
yang tidak menemukan padang ragut lantas
berjalan tanpa tenaga
di hadapan pihak yang mengejanya.

⁷ Pada masa kesusahannya dan
pengembaraannya,
teringatlah Yerusalem akan segala barang
berharga
yang dimilikinya sejak zaman dahulu.
Ketika penduduknya jatuh ke tangan musuh,
tiada seorang pun yang membantunya.
Para lawannya memandangnya
dan mentertawakan kehancurannya.

⁸ Yerusalem berdosa besar,
dan sebab itu menjadi cemar.
Semua yang dahulu menghormatinya kini
memandang hina,

setelah mereka melihat ketelanjangannya.
Berkeluh-kesahlah ia serta memalingkan wajah
kerana malu.

⁹ Kenajisannya melekat pada hujung
pakaianya,
ia tidak memikirkan akibat segala dosanya.
Kejatuhannya sangat menggemparkan,
tiada seorang pun yang menghiburnya.
“Ya Tuhan, pandanglah kesusahanku,
kerana musuh telah memegahkan diri.”

¹⁰ Pihak lawan menjangkau tangan
meraup segala barangnya yang berharga.
Dilihatnya bangsa-bangsa
masuk ke tempat sucinya,
padahal Engkau melarang mereka
memasuki jemaah-Mu.

¹¹ Seluruh penduduknya berkeluh-kesah
sambil mencari makanan.
Mereka menukar khazanah mereka yang
berharga dengan makanan untuk
bertahan hidup.

“Lihatlah, ya Tuhan, pandanglah,
betapa aku terhina!”

¹² “Hai kamu semua yang lalu-lalang, tidakkah
kamu peduli?”

Pandanglah dan lihatlah!
Adakah derita seperti derita
yang ditimpakan kepadaku,

dibiarkan Tuhan demi mendukakan aku pada
waktu kemurkaan-Nya menyala-nyala?

¹³ Dari tempat tinggi dilepaskan-Nya api masuk
ke dalam tulang-temulang aku.

Dibentangkan-Nya jaring bagi kakiku,
dibuat-Nya aku mundur,

Dia membuat aku tertegun,
lemah sepanjang hari.

¹⁴ Terikatlah pelanggaranku menjadi kuk,
yang dijalin dengan tangan-Nya,
lalu dikenakan pada tengkukku
sehingga gugurlah kekuatanku.

Tuhan menyerahkan aku ke dalam tangan orang
yang tidak dapat kulawan.

¹⁵ Tuhan menolak semua orang perkasa
yang ada dalam kalanganku.

Dikerahkan-Nya pasukan melawan aku untuk
membinasakan para pemudaku.

Tuhan menginjak-injak para perawan, iaitu
puteri Yehuda,

seperti di tempat pemerasan anggur.

¹⁶ Kerana hal-hal inilah aku menangis;
mataku, ya, mataku mencururkan air.

Penghibur yang dapat memulihkan jiwaku jauh
daripadaku.

Anak-anakku binasa

kerana musuh telah menang.”

¹⁷ Sion menjangkau tangan,

tetapi tiada sesiapa yang menenangkan
hatinya.

Bagi Yakub Tuhan telah menetapkan
betapa para jirannya menjadi para lawannya.
Yerusalem menjadi sesuatu yang cemar antara
mereka itu.

¹⁸ “Tuhan itulah yang benar;
aku telah menderhaka terhadap firman-Nya.
Dengarlah kiranya, wahai segala bangsa, dan
lihatlah penderitaanku.

Para perawanku dan para pemudaku pergi
sebagai tawanan.

¹⁹ Aku memanggil para kekasihku,
tetapi mereka memperdaya aku.
Para imamku dan para tua-tuaku kehilangan
nyawa di kota
ketika mereka mencari makanan
untuk bertahan hidup.

²⁰ Lihatlah, ya Tuhan, betapa sesaknya aku!
Perutku seperti dipulas-pulas,
hatiku digodak-godak di dalam dadaku kerana
aku sudah sangat menderhaka.

Di luar, pedang membawa hiba,
di dalam, serasa ada maut.

²¹ Mereka mendengar keluh-kesahku,
tetapi tiada sesiapa yang menenangkan hatiku.
Semua musuhku mendengar fasal geruhku,

girang mereka kerana Engkau yang
menimpakannya.

Datangkanlah hari yang telah Kaumaklumkan
itu,

sehingga mereka menjadi seperti aku.

²² Biarlah segala kejahatan mereka sampai ke
hadirat-Mu.

Perlakukanlah mereka seperti Engkau
memperlakukan aku sehubungan dengan
segala pelanggaranmu.

Sungguh, keluh-kesahku banyak dan hatiku
lemah.”

Hukuman Tuhan atas Sion

2 ¹ Betapa Tuhan menudungi puteri Sion
dengan awan dalam kemurkaan-Nya!

Dia mencampakkan kemuliaan Israel dari langit
ke bumi.

Pada waktu Dia murka,
tempat alas kaki-Nya^y tidak lagi diingat-Nya.

² Tuhan membinasakan semua tempat
kediaman Yakub tanpa belas kasihan.

Dalam kemurkaan-Nya, Dia meruntuhkan
kubu-kubu puteri Yehuda.

Kerajaan berserta para penguasanya
diruntuhkan ke tanah dan diaibkan-Nya.

^y2:1 Atau: Tumpuan kaki-Nya.

³ Dengan kemurkaan yang menyala-nyala Dia mematahkan segala kekuatan Israel.

Dia menarik kembali tangan kanan-Nya di hadapan musuh.

Dia membakar Yakub seperti api yang menyala-nyala,

yang melahap sekelilingnya.

⁴ Dia melenturkan busur-Nya seperti seorang musuh,

menyiapkan tangan kanan-Nya seperti seorang lawan.

Dia melenyapkan semua orang yang menyenangkan hati kita di dalam khemah puteri Sion dan mencurahkan kemurkaan-Nya seperti api.

⁵ Tuhan menjadi seperti seorang musuh;

Dia memusnahkan Israel.

Dia membinasakan semua istananya, dan meruntuhkan kubu-kubunya.

Ratapan dan keluhan puteri Yehuda dilipatgandakan-Nya.

⁶ Dia meranapkan tempat Khemah Suci-Nya seperti taman,

dan memusnahkan tempat pertemuan-Nya.

Tuhan membuat hari perayaan dan hari Sabat dilupakan di Sion.

Dengan amarah dan kemurkaan-Nya

Dia menista dan menolak raja dan imam.

⁷ Tuhan telah membuang mazbah-Nya,
dan membenci tempat suci-Nya.

Tembok puri-purinya diserahkan-Nya ke dalam
tangan musuh.

Mereka membuat hingar-bingar di dalam Bait
Tuhan,
seperti pada hari perayaan.

⁸ Tuhan bertekad untuk memusnahkan tembok
puteri Sion.

Dia merentangkan tali pengukur,
dan tidak menahan tangan-Nya untuk
membinasakan.

Dia membuat benteng dan tembok berkabung
dan merana bersama-sama.

⁹ Pintu-pintu gerbangnya terbenam di dalam
bumi,

dirobuhkan-Nya juga palang-palang pintunya.
Raja berserta para penguasanya terbangung
antara bangsa-bangsa.

Hukum Taurat tidak diajarkan lagi,
bahkan para nabinya tidak lagi menerima
wahyu daripada Tuhan.

¹⁰ Para tua-tua puteri Sion duduk membisu di
tanah.

Mereka menghamburkan debu ke atas kepala
dan memakai kain perkabungan.

Anak-anak dara Yerusalem menundukkan
kepala ke tanah.

¹¹ Mataku haus oleh cucuran air mata,
 perutku seperti dipulas-pulas.
 Hatiku tertuang ke bumi
 kerana kehancuran para puteri bangsaku,
 kerana kanak-kanak dan bayi-bayi yang
 menyusu,
 pengsan di tempat-tempat umum kota.

¹² Mereka bertanya kepada ibu masing-masing,
 “Di manakah gandum dan air anggur?”
 sebelum mereka pengsan seperti orang yang
 terluka
 di tempat-tempat umum kota;
 sebelum jiwa mereka melayang di pangkuan
 ibu mereka.

¹³ Apakah yang dapat kukatakan kepadamu?
 Dengan apakah dapat kubandingkan engkau,
 wahai puteri Yerusalem?
 Dengan apakah aku dapat menyamakan engkau
 sehingga aku dapat menenangkan hatimu,
 wahai perawan, puteri Sion?
 Kehancuranmu seluas lautan.

Siapakah yang dapat menyembuhkan engkau?
¹⁴ Sia-sia dan hampa belaka segala penglihatan
 yang didapati oleh para nabimu.
 Mereka tidak menyerlahkan kesalahanmu
 demi memulihkan keadaanmu,
 tetapi mereka menyatakan kepadamu
 pernyataan yang sia-sia dan menyesatkan.

¹⁵ Semua orang yang lalu-lalang di jalan
bertepuk tangan terhadap kamu.

Mereka mencemuh dan menggeleng-gelengkan
kepala melihat puteri Yerusalem, kata
mereka,

“Inikah kota yang disebut cantik sempurna,
kesukaan seluruh bumi?”

¹⁶ Semua musuhmu mengangakan mulut
terhadap engkau.

Mereka mencemuh dan menggertakkan gigi,
sambil berteriak,

“Kita telah membinasakannya!

Ya, inilah hari yang kita nanti-nantikan.

Kita mengalaminya; kita menyaksikannya!”

¹⁷ Tuhan telah melakukan apa yang
dirancang-Nya.

Dia melaksanakan firman yang ditetapkan-Nya
sejak zaman dahulu.

Tanpa belas kasihan Dia menjatuhkan kamu,

Dia membuat musuh bergembira atasmu,
dan mengangkat tinggi tanduk seteru-
seterumu.

¹⁸ Hati mereka berseru-seru kepada Tuhan.

Wahai tembok puteri Sion,

biarlah air matamu mengalir seperti sungai
siang dan malam!

Jangan biarkan dirimu beristirahat,
jangan biarkan bola matamu tenang!

¹⁹ Bangunlah, berteriaklah pada malam hari,
pada permulaan waktu berjaga malam!
Curahkanlah isi hatimu seperti air di hadirat
Tuhan.

Angkatlah tanganmu kepada-Nya demi nyawa
anak-anakmu yang pengsan kerana
kelaparan di pangkal setiap lorong!

²⁰ Lihatlah, ya Tuhan, dan pandanglah!
Terhadap siapakah Engkau pernah berlaku
demikian?

Haruskah kaum perempuan memakan anak
kandung mereka,
iaitu bayi-bayi yang dilahirkan sihat sempurna?
Haruskah imam dan nabi dibunuh di tempat
suci Tuhan?

²¹ Orang muda dan orang tua
terkapar di jalan berdebu.
Para perawanku dan para pemudaku tertewas
oleh pedang.

Engkau mencabut nyawa mereka pada waktu
Engkau murka,
Engkau membinasakan mereka tanpa belas
ihسان.

²² Seolah-olah pada hari raya
Engkau menghadapkan aku kepada kegentaran
dari semua arah.

Pada waktu Tuhan murka,

tiada seorang pun yang terselamat atau tertinggal.

Mereka yang kuasuh dan kubesarkan dikorbankan oleh musuhku.

Betapa besarnya kesetiaan-Mu

- 3** ¹ Akulah orang yang merasai penderitaan akibat terkena rotan kemurkaan-Nya;
- ² Dia telah memacu aku dan membawa aku ke dalam kegelapan yang tidak ada cahayanya.
- ³ Sungguh, berulang kali aku dipukul-Nya sepanjang hari.
- ⁴ Dia menyusutkan dagingku dan kulitku; Dia mematahkan tulang-tulangku.
- ⁵ Dia membina tembok dan mengepung aku dengan kepahitan dan kesengsaraan.
- ⁶ Dia menempatkan aku dalam kegelapan, seperti orang yang sudah lama mati.
- ⁷ Dia memagari aku sehingga aku tidak dapat keluar,
Dia membuat rantai belengguku amat berat.
- ⁸ Bahkan ketika aku berseru dan berteriak minta tolong,
Dia tidak mendengar doaku.
- ⁹ Dia menyekat jalanku dengan tembok batu pahat,

dan membengkokkan jalanku.

¹⁰ Bagiku Dia bak beruang yang akan menyerang
hendap,

seperti singa di tempat-tempat persembunyian.

¹¹ Dia menyimpangkan aku daripada jalanku,
mencabik-cabik aku,

dan membuat aku pilu dalam kesepian.

¹² Dia melenturkan busur-Nya

dan menjadikan aku sasaran anak panah-Nya.

¹³ Anak-anak panah daripada tabung
panah-Nya menembus ginjaiku.

¹⁴ Aku menjadi bahan ketawa seluruh bangsaku,
menjadi lagu ejekan mereka sepanjang hari.

¹⁵ Dia mengenyangkan aku dengan kepahitan,
dan memuaskan dahagaku dengan pahit getir.

¹⁶ Dia menghancurkan gigiku dengan batu
kerikil,

dan membuat aku meringkuk di dalam debu.

¹⁷ Jiwaku ketandusan rasa damai,
sehingga aku terlupa erti kebahagiaan.

¹⁸ Kataku, "Hilanglah ketahanan aku,
dan apa yang kuharapkan daripada Tuhan!"

¹⁹ Ingatlah kesengsaraanku dan
pengembaraanku,

pahit getir dan racun itu.

²⁰ Aku terus mengingatnya

dan jiwaku tertekan dalam diriku.

²¹ Tetapi inilah yang kuperhatikan,

lantas kuperoleh harapan:

²² Kerana kasih setia Tuhan tidak pernah lenyap,
belas kasihan-Nya tidak akan pudar.

²³ Semuanya baru setiap pagi.

Besarnya kesetiaan-Mu!

²⁴ “Tuhan ialah Pusakaku,” kata jiwaku,
“sebab itu aku berharap kepada-Nya.”

²⁵ Tuhan itu baik bagi orang yang menanti-
nantikan Dia,

bagi jiwa yang mencari hadirat-Nya.

²⁶ Baik jika seseorang menanti dengan tenang
akan penyelamatan daripada Tuhan.

²⁷ Baik jika seorang lelaki menanggung beban
kuknya pada masa mudanya.

²⁸ Biarlah dia duduk sendirian dan berdiam diri
kalau Tuhan membebaskan kuk itu ke
atasnya.

²⁹ Biarlah mulutnya membaham debu,
mungkin masih lagi ada harapan.

³⁰ Biarlah dia menyerahkan pipi kepada orang
yang menamparnya,

dan biarlah dia sarat dengan celaan.

³¹ Tuhan tidak mencampakkan sesiapa pun
untuk selama-lamanya.

³² Sekalipun Dia mendatangkan dukacita, belas
ihsan-Nya setimpal dengan kelimpahan
kasih-Nya yang abadi.

³³ Dia tidak rela menindas

atau mendukakan anak manusia.

³⁴ Kalau semua banduan di bumi dipijak-pijak
hingga hancur,

³⁵ kalau seseorang dinafikan keadilan di
hadapan Yang Maha Tinggi,

³⁶ kalau orang dicurangi dalam hal guamannya

—

Tuhan tidak berkenan pada semua itu.

³⁷ Siapakah yang dapat mengatakan sesuatu
lalu membuat hal itu terjadi kalau Tuhan
tidak menetapkannya?

³⁸ Bukankah daripada titah Yang Maha Tinggi
terbit apa yang buruk dan apa yang baik?

³⁹ Mengapakah orang hidup harus bersungut-
sungut,

ketika dia dihukum atas dosa-dosanya?

⁴⁰ Marilah kita memeriksa dan meneliti cara
hidup kita,

lalu kembali kepada Tuhan.

⁴¹ Marilah kita mengangkat hati dan tangan kita
kepada Allah di syurga:

⁴² Kami melakukan pelanggaran dan
menderhaka,

dan Engkau tidak mengampuni kami.

⁴³ Engkau menyelubungi diri-Mu dengan
kemurkaan lalu mengejar kami,

Kaucabut nyawa kami tanpa rasa belas kasihan.

⁴⁴ Engkau menyelubungi diri-Mu dengan awan,

sehingga doa kami tidak dapat menembusnya.

⁴⁵ Kaujadikan kami hampas dan sampah sarap dalam kalangan bangsa.

⁴⁶ Semua musuh kami mengangakan mulut terhadap kami.

⁴⁷ Kami didatangi kengerian dan kesulitan yang tidak diduga,

juga kerosakan dan kehancuran.

⁴⁸ Air mataku mengalir seperti sungai, kerana kehancuran puteri bangsaku.

⁴⁹ Air mataku tercurah tanpa henti, tidak putus-putusnya,

⁵⁰ sampai Tuhan menilik

dan memandang dari syurga.

⁵¹ Mataku menyusahkan hatiku

kerana melihat nasib semua anak perempuan kotaku.

⁵² Orang yang memusuhi aku tanpa alasan dengan gigih memburu aku seperti burung.

⁵³ Mereka menghumban aku ke dalam kancah dan melempari aku dengan batu.

⁵⁴ Air meluap melampaui kepalaku, aku berkata, "Habishlah aku!"

⁵⁵ Aku menyeru nama-Mu, ya Tuhan, dari dasar kancah yang terdalam.

⁵⁶ Engkau mendengar suaraku!

Janganlah kiranya Kaututup pendengaran-Mu

terhadap desakanku dan teriakanku meminta pertolongan.

⁵⁷ Pada waktu aku berseru kepada-Mu, Engkau datang mendekat.

Firman-Mu, "Jangan takut!"

⁵⁸ Ya Tuhan, Engkau telah membela perkaraku, Engkau telah menebus hidupku.

⁵⁹ Ya Tuhan, Engkau telah melihat kecurangan terhadap aku.

Hakimilah hakku!

⁶⁰ Segala balas dendam mereka telah Engkau lihat,

dan segala rancangan jahat mereka terhadapku.

⁶¹ Engkau telah mendengar ejekan mereka, ya Tuhan,

segala rancangan jahat mereka terhadapku,

⁶² iaitu perkataan kalangan yang melawan aku dan fikiran mereka terhadap aku sepanjang hari.

⁶³ Pandanglah! Entah mereka duduk, entah berdiri,

aku menjadi lagu ejekan mereka.

⁶⁴ Balaslah mereka, ya Tuhan, selaras dengan perbuatan tangan mereka.

⁶⁵ Keraskanlah hati mereka, biarlah laknat-Mu menimpa mereka!

⁶⁶ Burulah mereka dalam kemurkaan-Mu,

dan punahkan mereka daripada kolong langit
Tuhan!

Bertaburan batu-batu suci

- 4** ¹ Betapa pudar sudah emas itu,
betapa berubah emas murni itu!
Batu-batu suci itu bertaburan di hujung setiap
jalan.
- ² Anak-anak Sion yang berharga,
yang senilai dengan emas murni,
betapa mereka dianggap bak periuk tanah
buatan tangan tukang tembikar!
- ³ Serigala pun memberikan teteknya
untuk menyusui anak-anaknya,
tetapi para puteri bangsaku menjadi kejam
seperti burung unta di gurun.
- ⁴ Lidah anak yang menyusu melekat
pada langit-langit mulutnya kerana dahaga.
Kanak-kanak meminta roti,
namun tiada sesiapa yang menyua secebis pun.
- ⁵ Kalangan yang dahulunya makan juadah
nikmat
kini pengsan di jalan-jalan.
Kalgan yang dahulunya dibaluti pakaian
mahal
kini memeluk timbunan sampah.

⁶ Hukuman atas kesalahan puteri bangsaku lebih berat daripada hukuman ke atas dosa Sodom, yang dimusnahkan dalam sekejap sahaja tanpa campur tangan manusia.

⁷ Para penguasanya dahulu lebih bersih daripada salji, dan lebih putih daripada air susu. Tubuh mereka lebih kemerahan daripada batu delima, susuk mereka seperti batu nilam.

⁸ Kini rupa mereka lebih hitam daripada jelaga, sehingga tidak dikenali di jalan-jalan. Kulit kerepot mereka melekat pada tulang, sudah kering seperti kulit kayu.

⁹ Lebih baik keadaan para korban bahana pedang daripada kalangan yang mati kelaparan, merana, kurus kering lalu mati beragan perlahan-lahan akibat kekurangan hasil ladang.

¹⁰ Tangan kaum wanita yang penyayang merebus anak-anak sendiri untuk menjadi makanan mereka pada masa kehancuran puteri bangsaku.

¹¹ Tuhan melampiaskan sepenuh kemurkaan-Nya
dan mencurahkan amarah-Nya yang menyala-nyala.

Dia menyalakan api di Sion,
yang melahap segala asas kota itu.

¹² Raja-raja di bumi tidak percaya,
begitu jugalah seluruh penduduk dunia,
bahawa lawan dan musuh dapat memasuki
pintu-pintu gerbang Yerusalem.

¹³ Hal itu terjadi kerana dosa para nabinya
dan kesalahan para imamnya,
yang menumpahkan darah orang yang benar di
tengah-tengah kota itu.

¹⁴ Mereka mengembara di jalan-jalan seperti
orang buta.

Begitu tercemarnya mereka oleh darah
hinggakan tiada sesiapa berani menyentuh
pakaian mereka.

¹⁵ Orang berseru kepada mereka, “Nyahlah!
Najis!

Nyahlah! Nyahlah! Usah sentuh!”

Mengembaralah mereka yang sudah
menjadi pelarian lalu berkatalah umat
bangsa-bangsa,

“Mereka tidak boleh lagi tinggal di sini dalam
kalangan kami!”

¹⁶ Tuhan sendiri menyelerakkan mereka,

Dia tidak mahu lagi memandang mereka.

Para imam tidak lagi dihormati,

para tua-tua tidak lagi diberi keutamaan.

¹⁷ Mata kami juga sayu akibat kegagalan menantikan pertolongan, usaha yang sia-sia itu.

Di menara pengintaian kami menantikan bangsa yang tidak dapat menyelamatkan kami.

¹⁸ Musuh kami gigih mengintai setiap langkah kami

sehingga tidak dapat kami berjalan di tempat-tempat umum kami.

Sudah dekat ajal kami, sudah lanjut umur kami, ya, sudah tiba ajal kami.

¹⁹ Lebih cepat kalangan yang mengejar kami berbanding burung rajawali di udara.

Mereka memburu kami di pergunungan, dan menyerang hendap kami di gurun.

²⁰ Orang yang diurapi Tuhan, nafas hidup kami tertangkap dalam lubang jebak mereka,

padahal tadinya kami berfikir,

“Di bawah naungannya kami akan hidup dalam kalangan bangsa.”

²¹ Bergiranglah dan bergembiralah, wahai puteri Edom,

kamu kalangan penghuni Tanah Us!

Cawan itu akan dialihkan kepadamu pula,

engkau akan mabuk dan menelanjangi dirimu.

²² Sudah selesai hukumanmu, wahai puteri Sion,
Dia tidak akan lagi membawa engkau ke dalam pembuangan.
Sebaliknya, Dia akan membalas kesalahanmu, wahai puteri Edom
dan mendedahkan segala dosamu!

Doa memohon pemulihan

5 ¹ Ingatlah, ya Tuhan, apa yang terjadi atas kami,
pandanglah dan lihatlah keaiban kami.
² Harta pusaka kami beralih kepada orang asing,
dan rumah kami kepada orang luar.
³ Kami menjadi anak yatim, tidak berayah,
para ibu kami seperti balu.
⁴ Air yang kami minum perlu dibayar,
kayu api juga harus dibeli.
⁵ Kalangan yang mengejar kami sudah begitu dekat;
kami penat, kami tidak mendapat istirahat.
⁶ Kami menyerah kepada orang Mesir
dan kepada orang Asyur demi mendapatkan cukup makanan.
⁷ Nenek moyang kami berdosa dan mereka kini tiada lagi,
namun kamilah yang menanggung kesalahan mereka.

⁸ Kalangan hamba yang memerintah kami,
tiada seorang pun yang melepaskan kami
daripada tangan mereka.

⁹ Makanan kami dapatkan dengan nyawa
sebagai taruhan,
kerana ancaman pedang di gurun.

¹⁰ Kulit kami sepanas ketuhar,
begitu dahsyatnya penangan kebuluran.

¹¹ Mereka memperkosa perempuan di Sion,
dan perawan di kota-kota Yehuda.

¹² Para penguasa digantung oleh tangan
mereka,
para tua-tua tidak dihormati.

¹³ Para pemuda terpaksa memikul batu
kilangan,
dan anak-anak terhuyung-hayang dibebani
kayu pikulan.

¹⁴ Para tua-tua tidak ada lagi di pintu gerbang
kota,
para pemuda berhenti bermain muzik.

¹⁵ Lenyaplah kegirangan hati kami,
tarian kami berubah menjadi perkabungan.

¹⁶ Terjatuh kini mahkota di kepala kami.
Malangnya kami kerana kami telah berdosa!

¹⁷ Kerana hal inilah hati kami terlara-lara,
kerana hal-hal inilah mata kami menjadi kabur:

¹⁸ kerana kesepian Gunung Sion,
hanya serigala berkeliaran di situ.

¹⁹ Engkau, ya Tuhan, bertakhta selamanya!
lamanya!

Arasy-Mu tetap dari zaman ke zaman.

²⁰ Mengapa Engkau terus melupakan kami,
meninggalkan kami sekian lama?

²¹ Pulihkanlah kami kepada-Mu, ya Tuhan,
maka kami akan dipulihkan!

Baharuilah hari-hari kami seperti zaman
dahulu,

²² kecuali Engkau telah menolak kami sama
sekali,

dan amat murka terhadap kami.

YEHEZKIEL

Yehezkiel di Babel

1¹ Pada tahun ketiga puluh, tepatnya pada hari kelima dalam bulan keempat, ketika aku berada di antara orang buangan di tepi Sungai Kebar, langit terbuka dan aku mendapat penglihatan tentang Allah ² Pada hari kelima bulan itu, dalam tahun kelima tempoh pembuangan Raja Yoyakhin, ³ datanglah firman Tuhan kepada Imam Yehezkiel anak Busi di negeri orang Kasdim, di tepi Sungai Kebar. Kuasa Tuhan meliputinya di sana.

Para malaikat menopang arasy Allah

⁴ Ketika kulihat, tampak angin badai datang dari utara membawa awan besar dengan api yang sambar-menyambar. Cahaya mengelilingi awan itu. Di tengah-tengahnya, iaitu di tengah-tengah api itu, ada sesuatu seperti logam yang berkilau-kilauan. ⁵ Di tengah-tengah api itu pun ada empat susuk makhluk hidup. Beginilah

1:1: Why 19:11. **1:2:** 2Raj 24:10-16; 2Taw 36:9,10.

1:5: Why 4:6.

rupa mereka: mereka menyerupai manusia,⁶ tetapi masing-masing mempunyai empat muka dan masing-masing memiliki empat sayap.

⁷ Kaki mereka lurus dan telapak kaki mereka seperti telapak kaki anak lembu. Kaki mereka itu bergemerlapan seperti gangsa yang digosok.⁸ Mereka mempunyai sepasang tangan manusia di bawah sayap yang ada pada keempat-empat sisi mereka. Keempat-empatnya mempunyai muka dan sayap,⁹ dan sayap itu bersentuhan satu sama lain. Mereka tidak berpaling ketika berjalan, masing-masing berjalan lurus ke hadapan.

¹⁰ Raut muka keempat-empat makhluk itu adalah seperti ini: muka manusia di sebelah depan, muka singa di sebelah kanan, muka lembu di sebelah kiri, dan muka helang di sebelah belakang.

¹¹ Demikianlah muka mereka. Sayap-sayap mereka terbentang ke atas, dua sayap menyentuh sayap makhluk lainnya dan dua sayap lagi menutupi badan mereka.¹² Masing-masing berjalan lurus ke hadapan. Ke mana-mana pun Roh hendak pergi, ke sanalah mereka pergi. Mereka tidak berpaling ketika berjalan.

¹³ Susuk makhluk-makhluk hidup itu kelihatan seperti bara api yang menyala. Sesuatu serupa obor bergerak kian ke mari di antara makhluk hidup itu. Apinya bercahaya dan dari api itu kilat memancar. ¹⁴ Makhluk-makhluk hidup itu meluru ke sana ke mari serupa kilat.

¹⁵ Ketika kulihat makhluk-makhluk hidup itu, tampak di atas tanah di samping setiap makhluk hidup itu ada sebuah roda. ¹⁶ Rupa bentuk roda-roda itu serupa permata topaz, seolah-olah roda yang satu berada di tengah-tengah roda yang lain; keempat-empatnya sama wujudnya.

¹⁷ Roda-roda itu dapat bergerak ke arah mana-mana pun dari keempat-empat arah yang ada, tanpa berpaling ketika bergerak. ¹⁸ Lingkar roda-roda itu tinggi dan menakjubkan. Sekeliling keempat-empat lingkar itu penuh dengan mata.

¹⁹ Ketika makhluk-makhluk hidup itu berjalan, roda-roda itu pun berjalan di samping mereka.

Ketika makhluk-makhluk hidup itu terangkat dari atas tanah, roda-roda itu pun terangkat.

²⁰ Ke mana-mana pun Roh itu hendak pergi, ke sanalah mereka pergi mengikuti Roh itu.

Roda-roda itu terangkat bersama-sama mereka, kerana roh makhluk-makhluk hidup itu ada di dalam roda-roda itu. ²¹ Ketika makhluk-makhluk

itu berjalan, roda-roda itu pun berjalan. Ketika makhluk-makhluk itu berhenti, roda-roda itu pun berhenti. Ketika makhluk-makhluk itu terangkat dari atas tanah, roda-roda itu pun terangkat bersama-sama mereka, kerana roh makhluk-makhluk hidup itu ada di dalam roda-roda itu.

²² Di atas kepala makhluk-makhluk hidup itu terbentang suatu wujud cakerawala serupa hablur ais yang menakjubkan. ²³ Di bawah cakerawala itu sayap mereka terkembang lurus, yang satu menyinggung yang lain, dan masing-masing mempunyai dua sayap yang menutupi tubuh mereka. ²⁴ Ketika mereka berjalan, bunyi sayap mereka kudengar seperti bunyi air bah, seperti suara Yang Maha Kuasa. Bunyinya riuh seperti bunyi sebuah pasukan. Ketika mereka berhenti, sayap mereka diturunkan. ²⁵ Kemudian terdengarlah suara dari atas cakerawala yang terbentang di atas kepala mereka, ketika mereka berhenti dengan sayap diturunkan.

²⁶ Di atas cakerawala yang terbentang di atas kepala mereka itu ada suatu wujud arasy^z serupa batu nilam, dan pada wujud arasy itu ada susuk yang kelihatan seperti manusia, menjulang di atasnya. ²⁷ Daripada bahagian yang menyerupai pinggangnya sampai ke atas kulihat sesuatu serupa logam berkilau-kilauan, sesuatu seperti api yang ditudungi sekelilingnya. Dari bahagian yang menyerupai pinggangnya sampai ke bawah kulihat sesuatu seperti api yang dikelilingi cahaya. ²⁸ Seperti pelangi yang tampak di awan pada musim hujan, demikianlah rupa cahaya yang mengelilinginya. Itulah rupa wujud kemuliaan Tuhan. Ketika aku melihatnya, aku bersujud. Lalu kudengar suara Dia yang berfirman.

Panggilan bagi Yehezkiel

2 ¹ Firman-Nya kepadaku, ‘Wahai anak manusia, bangkitlah berdiri. Aku hendak berfirman kepadamu.’ ² Ketika Dia berfirman kepadaku, Roh masuk ke dalamku dan menegakkan aku. Lalu kudengar Dia yang berfirman kepadaku.

^z**1:26** Perkataan ‘arasy’ mempunyai banyak maksud, tetapi pada umumnya yang dimaksudkan ialah singgahsana atau takhta Tuhan.

³ Firman-Nya kepadaku, ‘Wahai anak manusia, Aku hendak mengutus engkau kepada orang Israel, kepada bangsa derhaka yang telah menderhaka terhadap Aku. Mereka dan nenek moyang mereka telah memberontak terhadap Aku, bahkan sampai hari ini. ⁴ Keturunan mereka yang sekarang pun tebal muka dan keras hati. Aku mengutus engkau kepada mereka dan engkau harus berkata kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan Allah.” ⁵ Sama ada mereka mahu mendengar atau tidak – kerana mereka itu keturunan kaum yang derhaka – mereka akan tahu bahawa ada seorang nabi di tengah-tengah mereka.

⁶ Engkau, wahai anak manusia, jangan takut kepada mereka dan kepada kata-kata mereka. Sekalipun duri dan onak ada di sekitarmu dan engkau tinggal antara kala jengking, jangan takut! Jangan takut mendengar perkataan mereka dan jangan kecut hati melihat muka mereka, kerana mereka ialah keturunan kaum yang derhaka. ⁷ Sampaikanlah firman-Ku kepada mereka, sama ada mereka mahu mendengar atau tidak, kerana mereka itu derhaka.

⁸ Engkau, wahai anak manusia, dengarlah apa yang Kufirmankan kepadamu. Jangan menjadi derhaka seperti keturunan kaum yang derhaka ini. Ngangakanlah mulutmu dan makanlah

apa yang akan Kuberikan kepadamu.’⁹ Ketika kulihat, tampak ada tangan terhulur kepadaku dan tampak sebuah gulungan surat di tangan itu.¹⁰ Lalu Dia membentangkan gulungan yang ditulis sebelah-menyebelah itu di hadapanku. Di dalamnya tertulis nyanyian-nyanyian ratapan, keluhan, dan rintihan.

3¹ Firman-Nya kepadaku, ‘Wahai anak manusia, makanlah apa yang kaudapati di sini. Makanlah gulungan ini lalu pergi dan berbicaralah kepada keturunan kaum Israel.’

² Maka kungangakan mulutku, dan Dia memberi aku makan gulungan itu.³ Firman-Nya kepadaku, ‘Wahai anak manusia, makanlah dan isilah perutmu dengan gulungan yang Kuberikan kepadamu ini.’ Lalu aku pun memakannya; rasanya manis seperti madu di dalam mulutku.

⁴ Firman-Nya kepadaku, ‘Wahai anak manusia, pergilah, temui keturunan kaum Israel dan sampaikanlah firman-Ku kepada mereka.

⁵ Sesungguhnya, engkau bukan diutus kepada suatu bangsa yang bahasanya sulit dan yang ucapannya sukar, melainkan kepada keturunan kaum Israel –⁶ bukan kepada banyak bangsa yang ucapan mereka sulit dan bahasa mereka sukar, yang tidak dapat kaufahami perkataan mereka.

Sekiranya Aku mengutus engkau kepada bangsa yang demikian, maka mereka akan mendengar engkau. ⁷ Tetapi keturunan kaum Israel tidak akan mahu mendengar engkau, sebab mereka tidak mahu mendengar Aku kerana seluruh keturunan kaum Israel itu keras kepala dan degil hati. ⁸ Ketahuilah, Aku membuat hatimu sekukuh hati mereka dan pendirianmu sekuat pendirian mereka. ⁹ Kujadikan pendirianmu seperti batu api yang lebih keras daripada batu gunung. Jangan takut kepada mereka dan jangan kecut hati melihat muka mereka, kerana mereka merupakan keturunan kaum yang derhaka.'

¹⁰ Dia berfirman pula kepadaku, 'Wahai anak manusia, taruhlah dalam hatimu segala firman yang Kusampaikan kepadamu dan dengarlah baik-baik. ¹¹ Pergilah, temui orang buangan, iaitu orang yang sebangsa denganmu, dan berbicaralah kepada mereka. Katakan kepada mereka, "Beginilah firman Tuhan Allah," entah mereka mahu mendengar ataupun tidak.'

¹² Maka Roh Allah mengangkat aku, lalu kudengar di belakangku suara gemuruh yang besar mengatakan, 'Segala puji bagi kemuliaan Tuhan di tempat Dia bersemayam!' ¹³ Kudengar pula bunyi sayap makhluk-makhluk hidup itu bergeseran satu sama lain dan bunyi roda-roda yang ada di sisi mereka, suatu bunyi gemuruh

yang besar. ¹⁴ Roh itu pun mengangkat dan membawa aku. Aku pergi dengan perasaan pahit dan dengan hati yang membara, kuasa Tuhan meliputi aku dengan hebat. ¹⁵ Kemudian aku sampai di tempat orang buangan yang tinggal di tepi Sungai Kebar di Tel-Abib. Di sana, di tempat mereka tinggal, aku duduk tertegun dalam kalangan mereka selama tujuh hari.

Yehezkiel dipanggil menjadi penjaga Israel

¹⁶ Setelah tujuh hari, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁷ ‘Wahai anak manusia, Aku telah menetapkan engkau untuk menjadi penjaga bagi keturunan kaum Israel. Oleh sebab itu dengarlah firman daripada-Ku dan berilah mereka peringatan atas nama-Ku. ¹⁸ Kalau Aku berfirman kepada orang fasiq, “Engkau pasti mati,” dan engkau tidak menasihati dia atau berbicara mengingatkan orang fasiq itu tentang jalan hidupnya yang fasiq supaya dia tetap hidup, maka orang fasiq itu akan mati kerana dosanya, tetapi darahnya akan Kutuntut daripadamu. ¹⁹ Sebaliknya, kalau engkau mengingatkan orang fasiq itu, dan dia tidak juga berbalik daripada kefasiqannya atau daripada jalan hidupnya yang fasiq, maka dia akan mati kerana dosanya, tetapi engkau telah menyelamatkan nyawamu.

²⁰ Kalau seorang yang benar membelakangi perbenarannya^a dan melakukan kezaliman, lalu Kuletakkan batu sandungan di depannya, maka dia akan mati. Dia akan mati kerana dosanya apabila engkau tidak mengingatkan dia, dan segala perbuatan salih yang dilakukannya tidak akan diingat lagi, tetapi darahnya akan Kutuntut daripada tanganmu. ²¹ Sebaliknya, kalau engkau mengingatkan orang yang benar itu supaya jangan dia berbuat dosa, dan dia benar-benar tidak berbuat dosa, maka dia akan tetap hidup kerana dia mahu menerima peringatan, dan engkau telah menyelamatkan nyawamu.'

Yehezkiel menjadi bisu

²² Kemudian kuasa Tuhan meliputi aku di sana dan Dia berfirman kepadaku, 'Segeralah pergi ke lembah! Di sana Aku akan berfirman kepadamu.'

²³ Aku pun segera pergi ke lembah. Tampak kemuliaan Tuhan hadir di sana, sama seperti kemuliaan yang kulihat di tepi Sungai Kebar. Lalu bersujudlah aku. ²⁴ Kemudian Roh masuk ke dalamku dan membuat aku berdiri. Dia berfirman kepadaku demikian, 'Pergilah, hendaklah engkau mengurung diri di rumahmu. ²⁵ Ketahuilah,

^a**3:20** Perbenaran: Antara maksudnya ialah tingkah laku yang benar, tulus dan adil.

wahai anak manusia, engkau akan diikat dengan tali dan akan dibelenggu sehingga engkau tidak dapat bergerak di tengah-tengah mereka. ²⁶ Aku akan membuat lidahmu melekat ke langit-langit mulutmu sehingga engkau menjadi kelu dan tidak dapat menegur mereka, kerana mereka ialah keturunan kaum yang derhaka. ²⁷ Akan tetapi, ketika Aku berfirman kepadamu, Aku akan membuka mulutmu dan engkau harus berkata kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan Allah.” Sesiapa yang mahu mendengar biarlah dia mendengar, dan siapa yang tidak mahu mendengar biarkanlah dia, kerana mereka ialah keturunan kaum yang derhaka.’

Lambang pengepungan kota Yerusalem

4 ¹ “Engkau, wahai anak manusia, ambillah sebuah batu bata, letakkanlah di depanmu, dan lukiskanlah Kota Yerusalem pada batu itu. ² Kemudian buatlah kubu pengepung, binalah tembok pengepung, dan timbunlah tanggul pengepung kota. Lalu tempatkanlah perkhemahan tentera dan taruhlah alat-alat penggempuran di sekeliling kota itu. ³ Selanjutnya ambillah sebuah panggangan besi dan dirikanlah itu sebagai dinding besi antara engkau dengan kota itu. Hadapkanlah mukamu ke kota itu,

buatlah kota itu terkepung, dan kepunglah dia. Itu tanda bagi keturunan kaum Israel.

⁴ Berbaringlah pada sisi kiri badanmu dan tanggungkanlah hukuman keturunan kaum Israel kepada sisi badanmu itu. Tanggunglah hukuman itu sebanyak jumlah hari engkau berbaring pada sisi badanmu. ⁵ Aku telah menentukan bagimu jumlah hari, yaitu tiga ratus sembilan puluh hari, mewakili jumlah tahun hukuman. Selama itulah engkau harus menanggung hukuman keturunan kaum Israel. ⁶ Setelah engkau selesai berbuat demikian, berbaringlah untuk kali kedua pada sisi kanan badanmu dan tanggunglah hukuman keturunan kaum Yehuda. Aku menentukan bagimu empat puluh hari, yaitu satu hari untuk satu tahun.

⁷ Hadapkanlah mukamu pada pengepungan Yerusalem dengan lengan baju tersingsing dan bernubuatlah menentang kota itu. ⁸ Ketahuilah, Aku akan mengikat engkau dengan tali sehingga engkau tidak dapat berbalik dari sisi badan yang satu ke sisi badan yang lain sampai engkau menggenapi waktu pengepungan kamu itu.

⁹ Ambillah pula gandum, barli, kacang hijau, kacang merah, parpu, dan sekoi. Taruhlah semua itu dalam sebuah wadah dan buatlah roti daripada bahan-bahan itu. Makanlah roti itu selama engkau berbaring pada sisi badanmu,

iaitu tiga ratus sembilan puluh hari. ¹⁰ Makanan yang kaumakan itu harus ditimbang, iaitu dua puluh syikal sehari. Makanlah itu pada waktu-waktu tertentu. ¹¹ Air minum pun harus diukur, iaitu seperenam hin.^b Minumlah itu pada waktu-waktu tertentu. ¹² Makanlah roti itu seperti roti bundar daripada barli, setelah dibakar di hadapan mata mereka di atas najis manusia.”

¹³ Tuhan berfirman, ‘Begitulah orang Israel akan memakan roti mereka secara najis dalam kalangan bangsa tempat mereka Kubuang.’

¹⁴ Lalu kataku, ‘Aduh, Tuhan Allah, sesungguhnya aku belum pernah menajiskan diri. Bangkai ataupun haiwan yang dicabik-cabikkan binatang buas belum pernah kumakan sejak masa mudaku sampai sekarang ini. Belum pernah masuk ke mulutku sesuatu daging yang haram.’

¹⁵ Firman-Nya kepadaku, ‘Perhatikan, Aku mengizinkan engkau menggunakan najis lembu sebagai ganti najis manusia. Bakarlah rotimu di atasnya.’

¹⁶ Kemudian Dia berfirman pula kepadaku, ‘Wahai anak manusia, ketahuilah, Aku akan memutuskan bekalan makanan di Yerusalem. Mereka akan makan roti dengan ditimbang dan

^b**4:11** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

dengan rasa resah. Mereka akan minum air dengan diukur dan dengan tertegun. ¹⁷ Kerana kekurangan makanan dan air, mereka akan saling memandang sambil tercengang-cengang dan hancur lumat dalam hukuman mereka.

5 ¹ Engkau, wahai anak manusia, ambillah sebilah pedang yang tajam dan gunakanlah pedang itu sebagai pisau cukur tukang gunting untuk mencukur rambutmu dan janggutmu. Kemudian ambillah neraca timbangan dan bahagi-bahagilah rambut itu. ² Sepertiga harus kaubakar habis di tengah-tengah kota itu setelah genap waktu pengepungannya. Sepertiga harus kauambil dan kautetak dengan pedang sambil mengelilingi kota itu. Sepertiga lagi harus kauhamburkan ke udara, dan Aku akan menghunus pedang di belakang mereka. ³ Ambillah beberapa urat daripada rambut itu lalu bungkuskannya dalam punca kainmu. ⁴ Kemudian ambillah lagi sebahagian daripada rambut itu dan campakkannya ke tengah-tengah api supaya hangus di dalamnya. Dari situ, api akan menjalar ke seluruh keturunan kaum Israel.

⁵ Beginilah firman Tuhan Allah: Inilah Yerusalem! Aku telah menempatkan ia di tengah-tengah bangsa, dengan negeri-negeri lain di sekelilingnya. ⁶ Namun begitu, dalam kefasiqannya ia telah menderhaka dengan

menentang peraturan-peraturan-Ku melebihi bangsa-bangsa lain, dan menentang ketetapan-ketetapan-Ku melebihi negeri-negeri di sekelilingnya. Mereka menolak peraturan-peraturan-Ku dan tidak hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku. ⁷ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah: Kamu lebih kacau daripada bangsa-bangsa yang ada di sekelilingmu. Kamu tidak hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku, tidak melakukan peraturan-peraturan-Ku, bahkan tidak pula bertindak menurut adat bangsa-bangsa di sekelilingmu. ⁸ Oleh itu, beginilah firman Tuhan Allah: Sesungguhnya, Aku sendiri akan menjadi lawanmu. Aku akan menjalankan penghakiman di tengah-tengahmu di hadapan mata bangsa-bangsa. ⁹ Kerana segala kekejianmu, akan Kulakukan antara kamu apa yang belum pernah Kulakukan dan yang tidak akan Kulakukan lagi. ¹⁰ Bapa akan memakan anak di tengah-tengahmu dan anak akan memakan bapa. Aku akan menjalankan penghakiman antara kamu dan akan menghancurkan semua saki-baki orangmu ke segala mata angin.

¹¹ Oleh sebab itu demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, kerana engkau

telah menajiskan tempat suci-Ku dengan segala tuhanmu yang menjijikkan dan dengan segala kekejianmu, maka Aku pun akan menarik diri. Aku tidak akan berasa hiba dan tidak juga akan berbelas kasihan. ¹² Sepertiga daripada kamu akan mati oleh wabak penyakit dan habis di tengah-tengahmu oleh bencana kebuluran. Sepertiga akan tewas oleh pedang di sekelilingmu. Sepertiga lagi akan Kuhamburkan ke segala mata angin, dan Aku akan menghunus pedang di belakang mereka.

¹³ Demikianlah murka-Ku akan digenapi. Aku akan melampiaskan murka-Ku kepada mereka dan berasa puas. Mereka akan tahu bahawa Aku, Tuhan, telah berfirman dalam kecemburuan-Ku ketika Aku melampiaskan murka-Ku kepada mereka.

¹⁴ Aku akan membuat engkau menjadi reruntuhan dan celaan dalam kalangan bangsa di sekelilingmu, di hadapan mata semua orang yang lalu-lalang.

¹⁵ Engkau akan menjadi celaan, cercaan, peringatan, dan kengerian bagi bangsa-bangsa di sekelilingmu ketika Aku menjalankan penghakiman terhadap kamu dengan amarah, murka, serta hukuman-hukuman kemurkaan. Aku, Tuhan, telah berfirman. ¹⁶ Ketika Kulepaskan ke arahmu anak-anak panah bencana kebuluran

dahsyat dan mematikan, Aku memang melepaskannya untuk membinasakan kamu. Aku akan memperhebat bencana kebuluran atasmu dan memutuskan pasukan makananmu. ¹⁷ Akan Kudatangkan atasmu bencana kebuluran dan binatang-binatang buas. Semua itu akan membuat kamu kehilangan anak-anakmu. Penyakit sampar dan penumpahan darah akan melandamu, dan Aku akan mendatangkan pedang atasmu. Aku, Tuhan, telah berfirman.'

Nubuat melawan berhala di pergunungan Israel

6 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² "Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu ke gunung-gunung Israel dan bernubuatlah menentang mereka. ³ Katakan, 'Wahai gunung-gunung Israel, dengarlah firman Tuhan Allah!' Beginilah firman Tuhan Allah kepada gunung-gunung dan bukit-bukit, kepada alur-alur sungai dan lembah-lembah, 'Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan pedang atasmu dan Aku akan membinasakan bukit-bukit pemujaanmu. ⁴ Mazbah-mazbahmu akan menjadi sunyi dan tugu-tugu mazbah dupamu akan dihancurkan. Orangmu yang terbunuh akan Kurebahkan di depan berhala-berhalamu.

⁵ Aku akan mencampakkan mayat orang Israel di depan berhala-berhala mereka dan akan menyerakkan tulang-tulangmu di sekeliling mazbah-mazbahmu. ⁶ Di mana-mana sahaja kamu tinggal, kota-kota akan menjadi reruntuhan dan bukit-bukit pemujaan akan menjadi tandus. Dengan demikian mazbah-mazbahmu akan rosak dan musnah, berhala-berhalamu akan hancur dan tersingkir, tugu-tugu mazbah dupamu akan patah, dan benda-benda buatan tanganmu akan lenyap. ⁷ Orangmu yang terbunuh akan bergelimpangan di tengah-tengahmu dan kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

⁸ Namun begitu, Aku akan menyisakan sebahagian daripada kalangan kamu, iaitu orang yang terselamat daripada pedang, ketika kamu diserakkan di antara bangsa-bangsa serta di pelbagai negeri. ⁹ Orangmu yang terselamat itu akan mengingat Aku di antara bangsa-bangsa tempat mereka ditawan, bagaimana Aku didukacitakan oleh hati mereka yang berbuat kafir dengan menjauh daripada-Ku, dan oleh mata mereka yang berbuat kafir dengan mengikuti berhala-berhala mereka. Mereka akan berasa muak pada diri mereka sendiri kerana kejahatan dan kekejian yang dilakukan mereka. ¹⁰ Mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan, dan bahawa Aku tidak main-main ketika Aku

berfirman hendak mendatangkan malapetaka ini kepada mereka.

¹¹ Beginilah firman Tuhan Allah, Tepuklah kedua-dua tanganmu, hentakkan kakimu ke tanah, dan katakanlah, “Aduh!” sehubungan dengan parahnya segala kekejian keturunan kaum Israel. Mereka akan tewas oleh pedang, bencana kebuluran, dan wabak penyakit. ¹² Orang yang jauh akan mati oleh wabak penyakit, dan orang yang dekat akan tewas oleh pedang. Orang yang tertinggal dan bertahan hidup akan mati oleh bencana kebuluran. Demikianlah Aku akan melampiaskan murka-Ku atas mereka. ¹³ Kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan ketika orang mereka yang terbunuh itu rebah di antara berhala di sekitar mazbah-mazbah mereka, di setiap bukit yang tinggi, di semua puncak gunung, di bawah setiap pokok yang rimbun, dan di bawah setiap pokok oak yang rendang – tempat mereka mempersembahkan bauan harum kepada segala berhala mereka. ¹⁴ Aku akan menghulurkan tangan-Ku untuk melawan mereka. Akan Kujadikan negeri mereka sunyi sepi dan tandus mulai gurun sampai ke Ribla, di mana-mana pun mereka tinggal. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.’ ”

Kesudahan Yerusalem tiba

7 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² 'Engkau, wahai anak manusia, katakanlah, "Beginilah firman Tuhan Allah kepada Tanah Israel,

'Kesudahan! Kesudahan tiba kepada keempat-empat penjuru negeri itu.

³ Sekarang kesudahan tiba bagimu dan Aku akan melepaskan murka-Ku terhadapmu.

Aku akan menghakimi engkau menurut perilikumu

dan akan membalas segala kekejianmu kepadamu.

⁴ Aku tidak akan berasa hiba tentangmu, dan tidak akan berbelas kasihan.

Aku akan membalas kepadamu perilikumu dan kekejian-kekejian yang ada di tengah-tengahmu.

Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.'

⁵ Beginilah firman Tuhan Allah,

'Malapetaka! Lihat, malapetaka datang!

⁶ Kesudahan datang! Kesudahan itu datang! Itu bangkit melawan engkau.

Lihat, itu datang!

⁷ Ajal mendatangimu, wahai penduduk negeri!

Waktunya datang, harinya sudah dekat!
Ada kegemparan, bukan sorak kegembiraan di
gunung-gunung.

⁸ Sekarang, Aku akan segera mencurahkan
murka-Ku kepadamu,
melampiaskan amarah-Ku kepadamu.
Aku akan menghakimi engkau menurut
perilakumu,
dan akan membalas segala kekejianmu
kepadamu.

⁹ Aku tidak akan berasa hiba dan tidak akan
berbelas kasihan.
Aku akan membalas engkau setimpal dengan
perilakumu
serta kekejian-kekejian yang ada di tengah-
tengahmu.

Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan
yang mengazab.

¹⁰ Lihat, hari itu! Lihat, ia datang!
Ajah telah datang,
tongkat hukuman telah berbunga, keangkuhan
telah bertunas.

¹¹ Kekerasan tumbuh menjadi tongkat untuk
menghukum kefasiqan.
Tidak ada yang tersisa daripada mereka,
bukan daripada kelimpahan mereka dan bukan
daripada kekayaan mereka.
Tak ada kemuliaan di antara mereka.

¹² Waktunya datang, harinya sudah dekat!
Janganlah si pembeli bersukacita dan janganlah
si penjual berdukacita,
kerana murka melanda seluruh khalayak.

¹³ Sesungguhnya, si penjual tidak akan kembali
kepada jualannya, sekalipun mereka masih
hidup dalam kalangan hidup, kerana penglihatan
yang berlaku terhadap seluruh khalayak itu
tidak akan ditarik kembali. Seorang pun tidak
dapat mempertahankan hidupnya kerana
kesalahannya.

¹⁴ Tiuplah sangkakala dan siapkanlah segala
sesuatu!

Namun demikian, tidak ada yang pergi
berperang
kerana nyala murka-Ku melanda seluruh
khalayak itu.

¹⁵ Pedang di luar, wabak penyakit dan bencana
kebuluran di dalam.

Sesiapa yang di padang akan mati oleh pedang.
Sesiapa yang di kota akan dihancurkan oleh
bencana kebuluran dan wabak penyakit.

¹⁶ Kalau ada pelarian yang terselamat daripada
kalangan mereka,
mereka ini akan tinggal di gunung-gunung
seperti burung merpati di lembah-lembah.
Semua mengerang kerana kesalahan
masing-masing.

¹⁷ Semua tangan menjadi lemah,
semua lutut longlai seperti air.

¹⁸ Mereka akan memakai kain perkabungan di
pinggang
dan berselubungkan kengerian.

Semua muka akan diliputi malu,
semua kepala mereka akan digondolkan.

¹⁹ Mereka akan mencampakkan perak mereka
di jalan,

dan emas mereka akan dianggap cemar.

Perak dan emas mereka tidak akan dapat menyelamatkan mereka pada hari kemurkaan Tuhan. Semua itu tidak akan memuaskan hati mereka dan tidak akan mengenyangkan perut mereka, kerana hal itu ialah batu sandungan yang menjatuhkan mereka ke dalam kesalahan.

²⁰ Perhiasan yang indah dijadikan kebanggaan oleh mereka, dan dengan itu mereka membuat patung-patung kekejian, iaitu tuhan mereka yang menjijikkan. Itulah sebabnya Aku menjadikan semua itu cemar bagi mereka.

²¹ Aku akan menyerahkannya ke dalam tangan orang asing sebagai rampasan,
kepada orang fasiq di bumi sebagai jarahan;
mereka akan mencemarkannya.

²² Aku akan memalingkan wajah-Ku daripada mereka sehingga mereka akan mencemari tempat-Ku yang berharga.

Penyamun akan masuk ke dalamnya dan mencemarinya.

²³ Buatlah rantai, kerana negeri itu penuh dengan perkara penumpahan darah, dan kota itu penuh dengan kekerasan.

²⁴ Aku akan mendatangkan bangsa-bangsa yang paling jahat, dan bangsa-bangsa itu akan merebut rumah mereka.

Aku akan mengakhiri kebongkakan orang kuat, dan tempat-tempat suci mereka akan dicemari.

²⁵ Kengerian datang.

Orang akan mencari kedamaian, tetapi tidak ada.

²⁶ Bencana demi bencana datang.

Khabar demi khabar tersiar.

Orang akan mencari penglihatan daripada nabi, tetapi pengajaran Taurat hilang daripada imam, dan nasihat daripada tua-tua.

²⁷ Raja akan berdukacita,

pemimpin akan diliputi kengerian,

dan tangan rakyat negeri itu akan gementar.

Aku akan memperlakukan mereka selaras dengan perilaku mereka,

Aku akan menghakimi mereka selaras dengan ukuran biasa mereka.

Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.”

Berhala kekejian yang ada di dalam Bait Allah

8¹ Pada tahun keenam, tepatnya pada hari kelima dalam bulan keenam, kuasa Tuhan Allah meliputi aku sementara aku duduk di rumahku dan para tua-tua Yehuda duduk di hadapanku. ² Ketika kulihat, tampak suatu susuk yang menyerupai manusia. Daripada bahagian tubuhnya yang menyerupai pinggang sampai ke bawah ada api, dan daripada bahagian pinggangnya sampai ke atas ada sesuatu seperti cahaya, serupa logam berkilau-kilauan. ³ Susuk seperti tangan dihulurkan lalu memegang rambut kepalku. Kemudian Roh Allah mengangkat aku hingga aku ada di antara bumi dengan langit, lalu dalam penglihatan-penglihatan ilahi aku dibawa ke Yerusalem, ke pintu gerbang dalam yang menghadap ke utara. Di situ terdapat berhala yang membangkitkan kecemburuan itu.

⁴ Kemudian tampaklah di sana kemuliaan Allah Israel, seperti penglihatan yang kudapat di lembah itu. ⁵ Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, layangkanlah pandanganmu ke arah utara.' Lalu aku melayangkan pandangan ke arah utara, dan tampaklah berhala yang

menggusarkan itu di sebelah utara pintu gerbang mazbah, di pintu masuk.

⁶ Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, engkau lihatkah apa yang dilakukan mereka, kekejian-kekejian besar yang dilakukan keturunan kaum Israel di sini sehingga Aku menjauh dari tempat suci-Ku? Engkau masih akan melihat kekejian-kekejian yang lebih besar lagi.'

⁷ Kemudian dibawa-Nya aku ke pintu pelataran. Ketika kulihat, tampak sebuah lubang di tembok. ⁸ Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, besarkanlah lubang pada tembok itu!' Setelah tembok itu kugali, tampaklah sebuah pintu. ⁹ Firman-Nya kepadaku, 'Masuklah dan lihatlah parahnya kekejian-kekejian yang dilakukan mereka di sini.' ¹⁰ Ketika aku masuk dan mengamati, tampak segala susuk binatang melata dan binatang yang menjijikkan serta segala berhala keturunan kaum Israel terukir di sekeliling tembok. ¹¹ Di hadapan semua itu berdiri tujuh puluh orang tua-tua keturunan kaum Israel, dengan Yaazanya anak Safan berdiri di tengah-tengah mereka. Setiap orang memegang pedupaan, dan keharuman asap dupa itu semerbak. ¹² Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, adakah kaulihat apa yang dilakukan tua-tua keturunan kaum Israel dalam kegelapan, masing-masing di dalam biliknya yang

berukiran itu? Mereka berkata, “Tuhan tidak melihat kita. Tuhan telah meninggalkan negeri ini.’ ”

¹³ Dia berfirman pula kepadaku, ‘Engkau masih akan melihat kekejian-kekejian yang lebih besar lagi yang dilakukan mereka.’ ¹⁴ Lalu dibawa-Nya aku ke pintu gerbang Bait Tuhan di sebelah utara. Tampak di sana beberapa orang perempuan duduk menangisi Dewa Tamus. ¹⁵ Firman-Nya kepadaku, ‘Kaulihatkah, wahai anak manusia? Engkau masih akan melihat kekejian-kekejian yang lebih besar lagi daripada ini.’

¹⁶ Kemudian dibawa-Nya aku ke pelataran dalam Bait Tuhan. Di hadapan pintu Bait Suci Tuhan, di antara serambi dengan mazbah, tampak kira-kira dua puluh lima orang yang membelakangi Bait Suci Tuhan dan menghadap ke sebelah timur. Mereka sujud menyembah ke arah timur, kepada matahari.

¹⁷ Firman-Nya kepadaku, ‘Kaulihatkah itu, wahai anak manusia? Adakah hal yang ringan bagi keturunan kaum Yehuda melakukan kekejian-kekejian yang dibuat mereka di sini, sehingga masih pula mereka memenuhi negeri ini dengan kekerasan dan kembali membangkitkan murka-Ku? Lihat, mereka menaruh cabang itu pada hidung mereka! ¹⁸ Oleh sebab itu Aku pun akan bertindak dalam murka. Aku tidak akan

berasa hiba dan tidak akan berbelas kasihan. Sekalipun mereka berseru kepada-Ku dengan suara nyaring, Aku tidak akan mendengar mereka.'

Orang fasiq di Yerusalem dibunuh

9¹ Setelah itu, aku mendengar Dia berseru dengan suara nyaring, firman-Nya, 'Kemarilah, wahai pengawas-pengawas kota, masing-masing dengan alat pemusnah di tangannya!' ² Lalu tampaklah enam orang datang dari arah Pintu Gerbang Atas yang menghadap ke sebelah utara, masing-masing dengan alat penghancur di tangannya. Seorang antara mereka berpakaian linen dan di pinggangnya ada wadah tinta seorang penulis. Mereka masuk lalu berdiri di samping mazbah tembaga.

³ Pada waktu itu kemuliaan Allah Israel telah terangkat dari atas malaikat kerubin, yaitu dari tempatnya semula, ke ambang pintu Bait Suci. Kemudian Dia memanggil orang yang berpakaian linen itu, yang di pinggangnya ada wadah tinta seorang penulis. ⁴ Firman Tuhan kepadanya, 'Berjalanlah, lintasi seluruh Kota Yerusalem itu dan letaklah tanda pada dahi mana-mana orang

yang mengeluh serta mengerang kerana segala kekejian yang dilakukan di dalamnya.'

⁵ Kepada orang yang lain aku mendengar Dia berfirman, 'Lintasilah seluruh kota itu mengikuti dia dan cabutlah nyawa orang yang ada. Jangan berasa hiba dan jangan berbelas kasihan

⁶ Bunuhlah orang tua, pemuda dan pemudi, kanak-kanak dan perempuan, tetapi jangan sentuh sesiapa pun yang mempunyai tanda itu. Mulailah dari tempat suci-Ku!' Maka mulailah mereka dengan orang tua yang berada di depan Bait Suci.

⁷ Firman-Nya kepada mereka, 'Najiskanlah Bait itu dan penuhilah pelataran-pelatarannya dengan orang yang terbunuh. Majulah!' Maka majulah mereka dan mencabut nyawa orang yang ada di dalam kota.

⁸ Pada waktu mereka membunuh orang dan aku tertinggal sendirian, aku pun bersujud dan berseru, kataku, 'Aduh, Tuhan Allah, apakah Engkau hendak memusnahkan seluruh saki-baki orang Israel dengan mencurahkan murka-Mu ke atas Yerusalem?'

⁹ Firman-Nya kepadaku, 'Kesalahan keturunan kaum Israel dan Yehuda sedemikian besar. Negeri ini penuh dengan penumpahan darah dan kota ini penuh dengan penyimpangan. Mereka berkata, "Tuhan telah meninggalkan negeri ini.

Tuhan tidak melihat.”¹⁰ Oleh sebab itu Aku pun tidak akan berasa hiba dan tidak akan berbelas kasihan. Perilaku mereka akan Kubalas kepada mereka sendiri.’

¹¹ Kemudian tampak orang yang berpakaian linen dan yang berwadah tinta di pinggangnya itu menyampaikan laporan, katanya, ‘Aku telah melakukan seperti yang Kauperintahkan kepadaku.’

Kemuliaan Allah meninggalkan Bait Suci

10¹ Kemudian kulihat, tampak di atas cakerawala yang ada di atas kepala malaikat-malaikat kerubin itu sesuatu seperti batu nilam, yang menyerupai arasy.^c ² Dia pun berfirman kepada orang yang berpakaian linen itu, ‘Masuklah ke antara roda berputar di bawah malaikat kerubin itu. Penuhi genggamamu dengan bara api daripada antara malaikat kerubin itu lalu hamburkanlah ke atas kota itu.’ Maka masuklah dia di hadapan mataku.

³ Malaikat-malaikat kerubin itu berdiri di sebelah kanan Bait Suci ketika orang itu masuk.

^c**10:1** Perkataan ‘arasy’ mempunyai banyak maksud, tetapi pada umumnya yang dimaksudkan ialah singgahsana atau takhta Tuhan.

Awan memenuhi pelataran dalam, ⁴ lalu terangkatlah kemuliaan Tuhan dari atas malaikat kerubin ke atas ambang pintu Bait Suci. Bait Suci pun dipenuhi awan, dan pelatarannya penuh dengan cahaya kemuliaan Tuhan. ⁵ Bunyi sayap-sayap malaikat kerubin itu terdengar sampai ke pelataran luar, seperti suara Allah Yang Maha Kuasa ketika Dia berfirman.

⁶ Kemudian Dia memberikan perintah kepada orang yang berpakaian linen itu, firman-Nya, 'Ambillah api dari antara roda berputar itu, daripada antara malaikat kerubin itu.' Maka masuklah ia dan berdiri di samping salah sebuah roda. ⁷ Kemudian salah satu antara para malaikat kerubin menghulurkan tangannya ke arah api yang ada di antara mereka. Diambilnya sebahagian daripada api itu dan dibubuhnya pada kedua-dua telapak tangan orang yang berpakaian linen itu. Orang itu pun menerimanya lalu pergi.

⁸ Pada malaikat-malaikat kerubin itu terlihat susuk tangan manusia di bawah sayap mereka.

⁹ Ketika kulihat, tampak ada empat buah roda di samping malaikat-malaikat kerubin itu, sebuah roda di samping setiap kerubin. Roda-roda itu kelihatan serupa permata topaz.

¹⁰ Mengenai bentuknya, keempat-empatnya kelihatan sama, seolah-olah roda yang satu berada di tengah-tengah roda yang lain. ¹¹ Ketika berjalan, mereka berjalan menurut salah satu arah daripada keempat-empat sisi mereka, dan tanpa berpaling. Jika mereka berjalan menurut arah salah satu muka, maka ke sanalah mereka semua berjalan, tanpa harus berpaling. ¹² Sekujur tubuh mereka, iaitu bahagian belakang mereka, tangan mereka, sayap mereka, dan sekeliling roda mereka penuh dengan mata, sama seperti roda mereka yang berempat itu. ¹³ Kudengar roda-roda itu disebut 'roda berputar.'

¹⁴ Satu malaikat kerubin mempunyai empat muka: muka yang pertama ialah muka malaikat kerubin, muka yang kedua ialah muka manusia, yang ketiga ialah muka singa, dan yang keempat ialah muka helang. ¹⁵ Kemudian malaikat-malaikat kerubin itu naik. Itulah makhluk-makhluk hidup yang kulihat di tepi Sungai Kebar. ¹⁶ Ketika malaikat-malaikat kerubin itu berjalan, roda-roda itu pun berjalan di samping mereka. Ketika malaikat-malaikat kerubin itu mengangkat sayap untuk naik dari atas tanah, roda-roda itu pun tetap di samping mereka. ¹⁷ Ketika malaikat-malaikat kerubin itu

berhenti, roda-roda itu pun berhenti. Ketika malaikat-malaikat kerubin itu naik, roda-roda itu pun naik bersama-sama mereka, kerana roh makhluk-makhluk hidup itu ada di dalam roda-roda itu.

¹⁸ Lalu kemuliaan Tuhan beranjak dari atas ambang pintu Bait Suci dan berdiam di atas malaikat-malaikat kerubin. ¹⁹ Malaikat-malaikat kerubin itu mengangkat sayap lalu naik dari tanah di hadapan mataku. Ketika mereka beranjak, roda-roda itu ikut bersama-sama mereka.

Seterusnya mereka berdiri dekat pintu gerbang timur Bait Tuhan, dan kemuliaan Allah Israel ada di atas mereka. ²⁰ Itulah makhluk-makhluk hidup yang dahulu kulihat di bawah Allah Israel, di tepi Sungai Kebar. Aku menyedari bahawa mereka itu malaikat kerubin.

²¹ Masing-masing mempunyai empat muka dan empat sayap. Di bawah sayap mereka ada susuk tangan manusia. ²² Mengenai raut muka mereka, itulah rupa muka yang kulihat di tepi Sungai Kebar, masing-masing berjalan lurus ke depan.

Pemimpin Israel dihukum

11 ¹ Kemudian Roh itu mengangkat aku dan membawa aku ke pintu gerbang timur Bait Tuhan, iaitu pintu yang menghadap ke sebelah timur. Di pintu gerbang itu tampak ada dua puluh

lima orang. Antara mereka kulihat Yaazanya anak Azur dan Pelaca anak Benaya, pemimpin bangsa. ² Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, mereka inilah orang yang merancang kedurjanaan dan memberikan nasihat jahat di kota ini. ³ Mereka berkata, "Belum waktunya membina rumah. Kota ini ibarat kuali dan kitalah dagingnya." ⁴ Oleh sebab itu bernubuatlah menentang mereka. Bernubuatlah, wahai anak manusia!'

⁵ Maka Roh Tuhan meliputi aku dan Dia berfirman kepadaku, 'Katakan: Beginilah firman Tuhan, "Itulah yang kamu katakan, wahai keturunan kaum Israel, tetapi Aku tahu apa yang timbul dalam hatimu. ⁶ Kamu menambah jumlah orang yang kamu bunuh di kota ini dan memenuhi jalan-jalannya dengan mayat orang yang tertikam.

⁷ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah: Orang yang kamu bunuh dan yang kamu terlantarkan di dalam kota, mereka itulah daging dan kota inilah kuali. Namun demikian, kamu akan digiring keluar dari kota ini. ⁸ Kamu takut pada pedang, maka pedanglah yang akan Kudatangkan ke atasmu, demikianlah firman Tuhan Allah. ⁹ Aku akan menggiring kamu keluar dari kota ini dan menyerahkan kamu ke dalam tangan orang asing serta menjatuhkan

hukuman atasmu. ¹⁰ Kamu akan tewas oleh pedang. Di perbatasan-perbatasan Israel Aku akan menghukum kamu, dan kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ¹¹ Kota ini tidak akan menjadi kualiti bagimu, dan kamu pun tidak akan menjadi daging di dalamnya. Aku akan menghukum kamu di perbatasan-perbatasan Israel, ¹² dan kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan, kerana kamu tidak hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku dan tidak melakukan peraturan-peraturan-Ku, melainkan bertindak menurut peraturan bangsa-bangsa yang ada di sekeliling kamu.” ’

¹³ Sementara aku bernubuat, matilah Pelaca anak Benaya. Lalu aku sujud dan berseru dengan suara nyaring, kataku, ‘Aduh, ya Tuhan Allah, apakah Engkau hendak memusnahkan saki-baki orang Israel?’

Janji tentang pembaharuan Israel

¹⁴ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁵ ‘Wahai anak manusia, penduduk Yerusaleem berkata kepada semua saudaramu, iaitu sanak saudaramu, kerabatmu, dan seluruh keturunan kaum Israel, “Menjauhlah daripada Tuhan. Negeri ini telah dikurniakan kepada kami sebagai hak milik.”

¹⁶ Oleh sebab itu katakanlah: Beginilah firman Tuhan Allah, “Sekalipun Aku menyingkirkan mereka jauh di antara bangsa-bangsa dan sekalipun Aku menceraiberaikan mereka di berbagai-bagai negeri, Aku menjadi tempat perlindungan yang suci bagi mereka untuk sementara waktu mereka berada di negeri-negeri tersebut.”

¹⁷ Oleh sebab itu katakanlah: Beginilah firman Tuhan Allah, “Aku akan menghimpunkan kamu daripada kalangan bangsa dan mengumpulkan kamu dari negeri-negeri tempat kamu diceriberaikan. Aku akan mengurniakan Tanah Israel kepadamu.” ¹⁸ Mereka akan datang ke sana lalu menyingkirkan segala berhala^d kejjikan dan segala kekejian dari tanah itu. ¹⁹ Aku akan mengurniakan hati yang tidak terbahagi kepada mereka, dan Aku akan memberikan roh yang baru dalam diri mereka. Akan Kusingkirkan hati yang keras daripada tubuh mereka dan Kukurniakan kepada mereka hati yang lembut. ²⁰ Dengan demikian mereka akan hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku dan berpegang teguh pada peraturan-peraturan-Ku serta melakukannya. Mereka akan menjadi

^d**11:18** Atau: Dewa.

11:19: Yeh 36:26-28.

umat-Ku dan Aku akan menjadi Allah mereka.

²¹ Tetapi bagi mereka yang hati berpaut pada berhala-berhala yang menjijikkan serta mengikuti kekejian-kekejiannya, Aku akan membalas perilaku mereka ke atas mereka sendiri, demikianlah firman Tuhan Allah.'

²² Kemudian malaikat-malaikat kerubin itu mengangkat sayap, dan roda-roda itu pun ikut bersama-sama mereka. Kemuliaan Allah Israel ada di atas mereka. ²³ Lalu terangkatlah kemuliaan Tuhan itu dari tengah-tengah kota dan berdiam di atas gunung di sebelah timur kota. ²⁴ Roh itu mengangkat aku dan membawa aku dalam penglihatan yang berasal daripada Roh Allah ke negeri orang Kasdim, kepada orang buangan. Lalu penglihatan yang kudapat itu lenyap daripadaku ²⁵ dan aku menyampaikan kepada orang buangan itu segala hal yang diperlihatkan Tuhan kepadaku.

Yehezkiel melambangkan pembuangan Israel

12 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² 'Wahai anak manusia, engkau tinggal di tengah-tengah keturunan kaum derhaka, yang mempunyai mata untuk melihat tetapi tidak melihat dan yang mempunyai telinga

untuk mendengar tetapi tidak mendengar, kerana mereka sememangnya keturunan kaum yang derhaka.

³ Oleh itu, wahai anak manusia, pada siang hari siapkanlah di hadapan mata mereka barang-barangmu seperti barang-barang seorang buangan, lalu di hadapan mata mereka pula pergilah dari tempatmu ke tempat yang lain seperti seorang buangan. Barangkali mereka akan menyedari bahawa mereka ialah keturunan kaum yang derhaka. ⁴ Ya, pada siang hari bawalah barang-barangmu keluar di hadapan mata mereka seperti barang-barang seorang buangan, lalu keluarlah pada petang hari di hadapan mata mereka seperti seorang buangan. ⁵ Masih di hadapan mata mereka lubangilah tembok dan bawalah barang-barangmu keluar dari situ, ⁶ lalu di hadapan mata mereka pula pikullah barang-barang itu dan pergilah pada waktu gelap. Tudungilah mukamu sehingga engkau tidak melihat tanah, kerana Aku telah membuat engkau menjadi tanda bagi keturunan kaum Israel.'

⁷ Maka kubuatlah demikian, seperti yang diperintahkan kepadaku. Pada siang hari kubawa barang-barangku keluar seperti barang-barang seorang buangan, dan pada petang hari kulubangi tembok dengan tanganku. Pada waktu

gelap aku keluar, dan di hadapan mata mereka kupikul barang-barangku di atas bahu.

⁸ Keesokan paginya datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ⁹ ‘Wahai anak manusia, bukankah keturunan kaum Israel, keturunan kaum yang derhaka itu, bertanya kepadamu, “Apa yang kaulakukan?”’ ¹⁰ Katakanlah kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan Allah: Pernyataan ilahi ini berkenaan raja di Yerusalem serta seluruh keturunan kaum Israel yang ada di sana.”

¹¹ Katakanlah, “Aku tanda bagimu.” Seperti yang kulakukan, demikianlah akan berlaku ke atas mereka. Mereka akan pergi sebagai orang buangan ke tempat penawanan. ¹² Raja yang ada di tengah-tengah mereka akan memikul barang-barangnya di atas bahu pada waktu gelap lalu pergi keluar. Lalu orang akan melubangi tembok untuk membawa dia keluar. Dia akan menudungi mukanya supaya tidak melihat tanah dengan matanya sendiri. ¹³ Aku akan membentangkan jaring-Ku ke atasnya dan dia akan tertangkap dalam jala-Ku. Akan Kubawa dia ke Babel, tanah orang Kasdim, tetapi tanah itu sendiri tidak akan dilihatnya. Dia akan mati di sana. ¹⁴ Semua yang ada di sekelilingnya, para pembantunya dan seluruh pasukannya, akan

Kuserakkan ke segala mata angin dan Aku akan menghunus pedang di belakang mereka.

¹⁵ Ketika Aku menceraikan-beraikan mereka di antara bangsa-bangsa dan menyerakkan mereka di berbagai-bagai negeri, mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ¹⁶ Namun demikian, Aku akan meninggalkan sejumlah orang daripada kalangan mereka yang terselamat daripada pedang, daripada bencana kebuluran, dan daripada wabak penyakit, supaya mereka dapat menceritakan segala kekejian mereka di antara bangsa-bangsa yang didatangi mereka. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.'

¹⁷ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁸ 'Wahai anak manusia, makanlah rotimu dengan gementar. Minumlah airmu dengan menggigil dan dengan resah. ¹⁹ Katakanlah kepada rakyat negeri ini, "Beginilah firman Tuhan Allah mengenai penduduk Yerusalem di Tanah Israel: Mereka akan memakan roti dengan resah dan meminum airnya dengan tertegun. Dengan demikian negeri mereka akan menjadi tandus kerana segala isinya lenyap akibat kekerasan semua orang yang tinggal di dalamnya. ²⁰ Kota-kota yang masih dihuni akan menjadi reruntuhan dan negeri itu akan menjadi sunyi sepi. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan." '

²¹ Kemudian turunlah lagi firman Tuhan kepadaku demikian, ²² ‘Wahai anak manusia, pepatah apakah itu yang kamu ucapkan di Tanah Israel: “Sudah lama berselang, dan tidak satu pun penglihatan terwujud?” ²³ Oleh sebab itu katakanlah kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan Allah: Aku akan menghentikan pepatah itu sehingga tidak diucapkan lagi di Israel.” Tetapi katakanlah pula kepada mereka, “Waktunya sudah dekat dan segala penglihatan akan terwujud.

²⁴ Tidak akan ada lagi penglihatan yang menipu atau tenungan yang mengecoh di tengah-tengah keturunan kaum Israel, ²⁵ kerana Aku, Tuhan, akan berfirman dan firman yang Kusampaikan akan terlaksana. Firman itu tidak akan ditangguhkan lagi, kerana pada zamanmu juga, wahai keturunan kaum yang derhaka, Aku akan menyampaikan firman dan melaksanakannya, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

²⁶ Lalu datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ²⁷ ‘Wahai anak manusia, lihatlah, keturunan kaum Israel berkata, “Penglihatan yang didapatinya itu adalah untuk waktu yang masih lama, dan nubuatnya pun untuk waktu yang masih jauh.” ²⁸ Oleh sebab itu katakanlah kepada mereka, “Beginilah firman Tuhan Allah:

Segala firman-Ku tidak akan ditangguhkan lagi. Firman yang Kusampaikan akan terlaksana, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Hukuman bagi nabi palsu

13 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, bernubuatlah menentang nabi-nabi Israel yang sedang bernubuat itu. Katakan kepada mereka yang bernubuat menurut kehendak hati sendiri, “Dengarlah firman Tuhan!”

³ Beginilah firman Tuhan Allah, “Malangnya nabi-nabi bodoh yang menuruti bisikan hatinya sendiri; sesungguhnya mereka tidak mendapat penglihatan apa-apa pun. ⁴ Nabi-nabimu seperti serigala di tengah-tengah reruntuhan, wahai Israel! ⁵ Kamu tidak naik menjaga tembok-tembok yang berlubang, dan tidak membangunkan tembok bagi keturunan kaum Israel supaya dapat bertahan dalam peperangan pada hari Tuhan. ⁶ Mereka melihat penglihatan yang menipu dan tenungan dusta. Mereka berkata, ‘Demikianlah firman Tuhan,’ padahal Tuhan tidak mengutus mereka. Mereka pun menanti firman itu terlaksana. ⁷ Bukankah kamu menyampaikan penglihatan tipuan serta tenungan dusta ketika kamu berkata,

‘Demikianlah firman Tuhan,’ padahal Aku tidak berfirman?”

⁸ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana kamu mengatakan hal-hal yang hampa dan menyampaikan penglihatan dusta, maka sesungguhnya Aku akan menjadi lawanmu, demikianlah firman Tuhan Allah. ⁹ Tangan-Ku akan melawan nabi-nabi yang menyampaikan penglihatan tipuan dan tenungan dusta. Mereka tidak akan masuk kumpulan umat-Ku, tidak akan tercatat dalam daftar keturunan kaum Israel, dan tidak akan masuk ke Tanah Israel. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan Allah.

¹⁰ Kerana, ya, kerana mereka menyesatkan umat-Ku dengan berkata, ‘Damai,’ padahal tidak ada damai. Ketika orang membangunkan tembok, lihatlah, nabi-nabi ini melaburnya dengan air kapur; ¹¹ sebab itu katakanlah kepada orang yang melaburnya dengan air kapur bahawa tembok itu akan roboh. Hujan akan melanda, hujan batu akan turun, dan angin badai akan memecah. ¹² Setelah tembok itu roboh tidakkah orang akan berkata kepadamu, ‘Di manakah kapur yang kamu laburkan itu?’ ”

¹³ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Aku akan membuat angin badai memecah

dalam murka-Ku. Hujan akan melanda dalam amarah-Ku, begitu pula hujan batu berkecamuk mendatangkan kebinasaan. ¹⁴ Aku akan meruntuhkan tembok yang kamu labur dengan air kapur itu dan meratakannya ke tanah sehingga dasarnya kelihatan. Kota itu akan roboh dan kamu akan dilenyapkan di dalamnya. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

¹⁵ Demikianlah Aku akan melampiaskan murka-Ku atas tembok itu dan atas mereka yang melaburnya dengan air kapur. Aku akan berfirman kepadamu, 'Tembok itu sudah tidak ada dan orang yang melaburnya sudah tidak ada, ¹⁶ iaitu para nabi Israel yang bernubuat bagi Yerusalem dan yang menyampaikan penglihatan damai baginya padahal tidak ada damai, demikianlah firman Tuhan Allah.' "

Hukuman bagi penenung perempuan

¹⁷ 'Engkau, wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu kepada perempuan bangsamu yang bernubuat menurut kehendak hati sendiri. Bernubuatlah menentang mereka ¹⁸ dan katakan: Beginilah firman Tuhan Allah, "Malangnya perempuan yang menjahit tali azimat pada setiap pergelangan tangan dan yang membuat tudung pelbagai ukuran untuk setiap kepala supaya mereka dapat memburu nyawa orang. Apakah

kamu hendak memburu nyawa umat-Ku sambil membiarkan hidup nyawamu sendiri? ¹⁹ Engkau telah menista Aku dalam kalangan umat-Ku demi beberapa genggam barli dan beberapa potong roti, dengan membunuh orang yang tidak patut mati serta membiarkan hidup orang yang tidak patut hidup melalui dustamu kepada umat-Ku yang mahu mendengar dusta.”

²⁰ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku menentang tali azimatmu yang kamu pakai untuk memburu orang seperti burung, dan Aku akan mengoyakkannya dari tanganmu. Aku akan melepaskan orang itu, iaitu orang yang kamu buru seperti burung. ²¹ Aku akan mengoyakkan tudungmu dan melepaskan umat-Ku daripada tanganmu sehingga mereka tidak lagi menjadi buruanmu, maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

²² Kerana kamu melemahkan hati orang benar dengan dusta padahal Aku tidak mendukakan dia, dan kamu menguatkan semangat orang fasiq sehingga dia tidak berbalik daripada jalan hidupnya yang jahat untuk menyelamatkan dirinya, ²³ maka kamu tidak akan lagi menyampaikan penglihatan tipuan atau tenungan. Aku akan melepaskan umat-Ku daripada tanganmu, dan kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Hukuman bagi penyembah berhala

14 ¹ Pada suatu waktu, beberapa orang tua-tua Israel datang lalu duduk di hadapanku. ² Kemudian datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ³ ‘Wahai anak manusia, kalangan ini menjunjung berhala-berhala mereka dalam hati dan meletakkan kejahatan mereka sebagai batu sandungan di hadapan mereka. Masakan Aku sudi mereka mencari petunjuk-Ku?

⁴ Oleh sebab itu berbicaralah dengan mereka dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Setiap orang daripada keturunan kaum Israel yang menjunjung berhala-berhalanya dalam hatinya dan meletakkan kejahatannya sebagai batu sandungan di hadapannya lalu datang kepada nabi, maka Aku, Tuhan, akan menjawab dia sehubungan dengan berhalanya yang banyak itu. ⁵ Maksudnya ialah supaya Aku dapat menambat hati keturunan kaum Israel yang seluruhnya telah berpaling daripada-Ku kerana berhala-berhala mereka.”

⁶ Oleh sebab itu katakanlah kepada keturunan kaum Israel: Beginilah firman Tuhan Allah, “Bertaubatlah dan berpalinglah daripada berhala-berhalamu. Palingkanlah mukamu daripada segala kekejianmu.

⁷ Apabila seseorang, baik daripada keturunan kaum Israel mahupun daripada golongan pendatang yang tinggal di antara orang Israel, menjauhkan diri daripada-Ku, menjunjung berhala-berhalanya dalam hatinya, dan meletakkan kejahatannya sebagai batu sandungan di hadapannya lalu datang kepada nabi untuk mencari petunjuk-Ku baginya, maka Aku, Tuhan, akan menjawab dia. ⁸ Aku akan memusuhi orang itu dan menjadikannya suatu tanda serta ibarat. Aku pun akan melenyapkan dia daripada kalangan umat-Ku. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

⁹ Apabila seorang nabi terperdaya sehingga dia menyampaikan suatu perkataan – Aku, Tuhan, yang memperdaya nabi itu – maka Aku akan menghulurkan tangan-Ku melawan dia dan membinasakannya daripada tengah-tengah umat-Ku Israel. ¹⁰ Mereka, baik nabi itu mahupun orang yang mencari petunjuk, akan menanggung hukuman diri sendiri. ¹¹ Dengan demikian keturunan kaum Israel tidak akan mengembara lagi daripada-Ku dan tidak akan menajiskan diri lagi dengan segala pelanggaran mereka. Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku menjadi Allah mereka, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Hukuman tidak tercegah lagi

¹² Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,
¹³ ‘Wahai anak manusia, jika sesebuah negeri berdosa terhadap Aku dengan berbuat mungkar sehingga Aku menghulurkan tangan-Ku melawan negeri itu lalu memutuskan bekalan makanannya, mendatangkan bencana kebuluran ke atasnya, dan melenyapkan manusia serta binatang daripada dalamnya, ¹⁴ maka biarpun di negeri itu ada Nuh, Daniel, dan Ayub, ketiga-tiga orang itu hanya akan menyelamatkan jiwa mereka sendiri atas sebab perbenaran^e mereka, demikianlah firman Tuhan Allah.

¹⁵ Jika Aku membiarkan binatang buas lalu-lalang di negeri itu dan membuat negeri itu kehilangan penduduk hingga menjadi sunyi sepi lantaran tidak ada yang berani melintasinya akibat adanya binatang-binatang itu, ¹⁶ maka biarpun ketiga-tiga orang itu ada di negeri itu – demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah – mereka tidak akan dapat menyelamatkan anak mereka baik lelaki mahupun perempuan. Hanya mereka sendirilah yang akan diselamatkan, sedangkan negeri itu akan menjadi sunyi sepi.

^e**14:14** Perbenaran: Perkataan ini merangkumi makna, kebaikan.

¹⁷ Atau, jika Aku mendatangkan pedang atas negeri itu dan berfirman, “Wahai pedang, jalanilah negeri itu!” lalu Aku melenyapkan manusia serta binatang daripada dalamnya, ¹⁸ maka biarpun ketiga-tiga orang itu ada di negeri itu – demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah – mereka tidak akan dapat menyelamatkan anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan, melainkan hanya mereka sendirilah yang akan diselamatkan.

¹⁹ Atau, jika Aku mendatangkan wabak penyakit ke negeri itu dan mencurahkan murka-Ku berupa penumpahan darah ke atasnya untuk melenyapkan manusia serta binatang daripada dalamnya, ²⁰ maka biarpun Nuh, Daniel, dan Ayub ada di negeri itu – demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah – mereka tidak akan dapat menyelamatkan anaknya baik lelaki mahupun perempuan, melainkan hanya akan menyelamatkan jiwa sendiri kerana perbenaran mereka.

²¹ Sesungguhnya, beginilah firman Tuhan Allah, “Terlebih lagi jika Aku mendatangkan atas Yerusalem keempat-empat hukuman-Ku yang berat, iaitu pedang, bencana kebuluran, binatang buas, dan wabak penyakit untuk melenyapkan

manusia serta binatang daripada dalamnya!

²² Walaupun demikian, akan tertinggal di sana orang yang terselamat, yaitu anak lelaki dan perempuan yang akan dibawa keluar. Ya, mereka akan keluar mendapatkan kamu. Ketika kamu melihat tingkah laku dan tindak-tanduk mereka, kamu akan berasa terhibur sehubungan dengan malapetaka yang Kudatangkan ke atas Yerusalem – segala sesuatu yang Kudatangkan atasnya.

²³ Mereka akan menghiburkan kamu ketika kamu melihat tingkah laku dan tindak-tanduk mereka. Maka kamu akan tahu bahawa bukan tanpa alasan Kulakukan segala sesuatu yang telah Kuperbuat atasnya, demikianlah firman Tuhan Allah.”

Yerusalem, pokok anggur yang tidak berguna

15 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, apakah kelebihan pokok anggur berbanding dengan segala pokok bercabang yang ada antara pokok hutan? ³ Masakan kayunya diambil untuk membuat sesuatu? Masakan orang membuat pasak daripadanya untuk menggantungkan barang padanya? ⁴ Sesungguhnya, kayu itu dicampakkan ke dalam api untuk dibakar. Kedua-dua hujungnya dimakan api dan bahagian tengahnya hangus. Masakan ia berguna untuk

sesuatu? ⁵ Lihatlah, ketika masih utuh pun kayu itu tidak dapat digunakan untuk sesuatu. Apa lagi setelah dimakan api dan hangus! Masakan kayu itu masih dapat digunakan untuk sesuatu?

⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Seperti kayu pokok anggur di antara segala pokok di hutan, yang Kuserahkan ke dalam api untuk dibakar, demikianlah Aku akan menyerahkan penduduk Yerusalem. ⁷ Aku akan memusuhi mereka. Walaupun mereka terlepas daripada api, mereka tetap ditelan api itu. Maka pada waktu Aku memusuhi mereka, kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ⁸ Aku akan membuat negeri itu menjadi sunyi sepi, kerana mereka telah berbuat mungkar, demikianlah firman Tuhan Allah.’

Yerusalem yang tidak setia

Ibarat tentang asal usul Yerusalem

16 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, beritahulah Yerusalem kekejian-kekejiannya. ³ Katakanlah: Beginilah firman Tuhan Allah kepada Yerusalem, “Asalmu dan tempat kelahiranmu ialah Tanah Kanaan.

Ayahmu orang Amori dan ibumu orang Heti.

⁴ Beginilah kelahiranmu: pada waktu engkau

dilahirkan, tali pusatmu tidak dikerat dan engkau tidak dimandikan dengan air supaya bersih. Engkau sama sekali tidak digosok dengan garam dan sama sekali tidak dibedung. ⁵ Tidak ada yang berasa hiba kepadamu sehingga mahu melakukan salah satu hal itu ataupun berbelas kasihan kepadamu. Engkau tercampak di padang terbuka kerana orang muak kepadamu pada hari lahirmu.

⁶ Kemudian Aku melintas berdekatan denganmu dan melihat engkau menendang-nendang dengan masih berlumuran darah. Ketika engkau masih berlumuran darah itu Aku berfirman kepadamu, 'Hiduplah!' Ya, Aku berfirman kepadamu ketika engkau berlumuran darah, 'Hiduplah!' ⁷ Lalu Kubuat engkau menjadi besar seperti tumbuh-tumbuhan di padang. Engkau menjadi besar, beranjak dewasa, dan menjadi perhiasan yang terindah. Buah dadamu montok dan rambutmu tumbuh, tetapi engkau masih tanpa busana.

⁸ Ketika Aku melintas lagi berdekatan denganmu dan melihat engkau, ternyata engkau sudah mencapai masa akil baligh. Kubentangkan naungan-Ku ke atasmu dan Kututup auratmu. Aku bersumpah kepadamu dan mengadakan perjanjian dengan engkau, demikianlah firman Tuhan Allah. Maka engkau pun menjadi milik-Ku.

⁹ Aku memandikanmu dengan air, membasuh darah daripada tubuhmu, lalu mengurapi engkau dengan minyak. ¹⁰ Kukenakan padamu pakaian bersulam dan kasut daripada kulit anjing laut, lalu Kulilitkan linen halus pada tubuhmu dan Kututup engkau dengan kain sutera. ¹¹ Kemudian Aku menghiasi engkau dengan pelbagai perhiasan dan mengenakan gelang pada tanganmu serta kalung pada lehermu. ¹² Kukenakan pula anting-anting pada hidungmu, anting-anting pada telingamu, dan mahkota kemuliaan di kepalamu. ¹³ Dengan demikian engkau berhiaskan emas dan perak. Pakaianmu daripada linen halus, kain sutera, dan kain bersulam. Tepung terbaik, madu, dan minyak merupakan makananmu. Engkau menjadi amat sangat cantik dan berhasil menjadi ratu. ¹⁴ Namamu termasyhur dalam kalangan bangsa kerana kecantikanmu, kerana memang sempurna adanya oleh kegemilangan-Ku yang Kukurniakan kepadamu, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Persundalan Yerusalem dan hukumannya

¹⁵ ‘Akan tetapi, engkau menaruh harapan kepada kecantikanmu dan berzina dengan memanfaatkan kemasyhuranmu. Engkau melampiaskan perzinaanmu kepada setiap orang yang berlalu, dan kecantikanmu menjadi milik

orang itu. ¹⁶ Engkau mengambil sebahagian daripada pakaianmu dan membuat bagimu bukit-bukit pemujaan berhiaskan aneka warna, lalu engkau berzina di situ. Hal itu tidak seharusnya terjadi dan tidak boleh terjadi lagi. ¹⁷ Engkau mengambil pula barang-barang indah daripada emas dan perak yang Kukurniakan kepadamu. Kaubuat bagimu patung-patung lelaki lalu engkau berbuat kafir dengan berhala-berhala itu. ¹⁸ Pakaianmu yang bersulam kauambil lalu kaututupkan pada berhala-berhala itu. Kepada berhala-berhala itu kauberikan minyak dan dupa yang seharusnya kaupersembahkan kepada-Ku. ¹⁹ Santapan persembahan milik-Ku yang Kukurniakan kepadamu – tepung terbaik, minyak, dan madu yang Kuberikan sebagai makananmu – kaupersembahkan kepada berhala-berhala itu sebagai bauan harum yang harum. Itulah yang terjadi, demikianlah firman Tuhan Allah.

²⁰ Engkau mengambil anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan yang kaulahirkan sebagai milik-Ku dan mempersembahkan mereka sebagai makanan kepada berhala-berhala itu. Adakah perzinaanmu itu perkara yang ringan?

²¹ Engkau menyembelih anak-anak-Ku dan mempersembahkan mereka dengan membakar mereka sebagai korban bagi berhala-berhala.

²² Di tengah-tengah segala kekejianmu dan

perzinaanmu engkau tidak ingat akan masa mudamu ketika engkau tanpa busana dan menendang-nendang dengan berlumuran darah.

²³ Malangnya! Malangnya engkau! Demikianlah firman Tuhan Allah. Setelah kaulakukan segala kejahatanmu itu, ²⁴ engkau membangunkan bagimu tempat keramat dan membuat bagimu bukit pemujaan di setiap tempat umum. ²⁵ Di setiap hujung jalan kaubina bukit pemujaan dan kaujadikan kecantikanmu suatu kekejian. Tubuhmu kautawarkan kepada setiap orang yang berlalu dan engkau melipatgandakan perzinaanmu. ²⁶ Engkau berzina dengan orang Mesir, tetangga-tetanggamu yang besar nafsu itu, lalu perzinaanmu kaulipatgandakan untuk membangkitkan murka-Ku.

²⁷ Ketahuilah, Aku menghulurkan tangan-Ku melawan engkau dan mengurangi bahagian yang diperuntukkan kepadamu. Aku menyerahkan engkau untuk diperlakukan sewenang-wenang oleh orang yang membenci engkau, iaitu oleh perempuan Filistin yang malu melihat kelakuanmu yang cabul.

²⁸ Belum puas dengan itu, engkau berzina pula dengan orang Asyur. Bahkan setelah engkau berzina dengan mereka, engkau masih belum juga puas. ²⁹ Perzinaanmu kaulipatgandakan lagi

ke negeri perdagangan, ke Tanah Kasdim, tetapi dengan itu pun engkau belum puas.

³⁰ Betapa rosaknya hatimu, demikianlah firman Tuhan Allah, bahawa engkau melakukan segala hal ini, iaitu perbuatan perempuan sundal yang kurang ajar. ³¹ Ketika engkau membangunkan tempat keramatmu di setiap hujung jalan dan membuat bukit pemujaanmu di setiap tempat umum, engkau tidak bertindak seperti perempuan sundal biasa kerana engkau menolak upah sundal. ³² Wahai isteri yang berzina, yang menyambut orang lain ganti suaminya!

³³ Setiap perempuan sundal diberi upah, tetapi engkau justeru memberikan upah untuk memujuk semua kekasihmu, dan menyuap mereka supaya mereka datang kepadamu dari segala penjuru untuk berzina denganmu. ³⁴ Jadi, dalam perzinaanmu engkau berbeza daripada perempuan-perempuan lain. Tiada seorang pun mengejar engkau untuk berzina, tetapi justeru engkaulah yang memberikan upah sundal, sedangkan engkau sendiri tidak diberi upah apa-apa. Itulah perbezaannya.

³⁵ Oleh sebab itu, wahai perempuan sundal, dengarlah firman Tuhan!

³⁶ Beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana nafsumu telah terlampiaskan dan auratmu telah tersingkap dalam perzinaanmu dengan

kekasih-kekasihmu, dan kerana segala berhala kekejianmu serta darah anak-anakmu yang telah kaupersembahkan kepada segala berhala itu, ³⁷ maka sesungguhnya Aku akan mengumpulkan semua kekasihmu, iaitu temanmu untuk bersenang-senang, baik semua orang yang kaucintai mahupun semua orang yang kaubenci. Akan Kukumpulkan mereka untuk melawan engkau dari segala penjuru dan akan Kusingkatkan auratmu kepada mereka sehingga mereka melihat segala kebogelmanmu. ³⁸ Aku akan menghukum engkau seperti menghukum perempuan pezina dan penumpah darah. Akan Kubalas kepadamu penumpahan darah yang membangkitkan murka dan kecemburuan-Ku. ³⁹ Engkau akan Kuserahkan ke dalam tangan mereka, dan mereka akan meruntuhkan tempat keramatmu serta merobohkan bukit-bukit pemujaanmu. Mereka pun akan melucuti pakaianmu, merampas barang-barang perhiasanmu, dan meninggalkan engkau tanpa busana.

⁴⁰ Kemudian mereka akan membawa sekumpulan orang untuk melawan engkau, lalu orang ini akan merejam engkau dengan batu dan mencancang engkau dengan pedangnya.

⁴¹ Rumah-rumahmu akan dibakar habis oleh mereka, dan mereka akan menjatuhkan hukuman

kepadamu di hadapan mata ramai perempuan. Aku akan menghentikan perzinaanmu dan engkau pun tidak akan memberikan upah sundal lagi. ⁴² Demikianlah Aku akan melampiaskan murka-Ku kepadamu hingga kecemburuan-Ku surut. Setelah itu, Aku akan berasa tenang dan tidak murka lagi. ⁴³ Kerana engkau tidak ingat akan masa mudamu, malah membangkitkan murka-Ku dengan segala hal ini, maka sesungguhnya Aku sendiri akan membalas perilikumu kepadamu, demikianlah firman Tuhan Allah, sehingga engkau tidak akan lagi melakukan perbuatan yang cabul di samping segala kekejianmu.

⁴⁴ Ketahuilah, setiap orang yang biasa menggunakan pepatah akan mengucapkan pepatah ini mengenai engkau: 'Sebagaimana ibu, demikianlah anak perempuannya.' ⁴⁵ Engkaulah anak perempuan ibumu, yang muak kepada suami dan anak-anaknya. Engkaulah saudara perempuan adik perempuanmu dan kakakmu, yang muak kepada suami dan anak mereka. Ibumu orang Heti dan ayahmu orang Amori.

⁴⁶ Kakakmu ialah Samaria, yang tinggal dengan anak-anak perempuannya di sebelah utaramu. Dan adik perempuanmu ialah Sodom, yang tinggal di sebelah selatanmu dengan anak-anak perempuannya. ⁴⁷ Engkau bukan sahaja hidup

menurut perilaku mereka dan bertindak menurut kekejian mereka, tetapi dalam sekejap sahaja seluruh perilakumu menjadi lebih rosak daripada mereka.

⁴⁸ Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, sesungguhnya Sodom adikmu dengan anak-anak perempuannya tidak berbuat seperti yang kaulakukan dengan anak-anak perempuanmu. ⁴⁹ Ketahuilah, inilah kesalahan Sodom, adikmu itu: kebongkakan, kelimpahan makanan, dan kesenangan hidup ada padanya serta anak-anak perempuannya, tetapi ia tidak membantu orang miskin dan orang melarat. ⁵⁰ Mereka menjadi sombong dan melakukan kekejian di hadapan-Ku. Oleh sebab itu Kusingkatkan mereka ketika Aku melihat hal itu.

⁵¹ Samaria tidak melakukan setengah pun daripada dosa-dosamu. Kekejianmu jauh lebih banyak daripada mereka, sehingga para saudara perempuanmu itu kelihatan benar berbanding dengan segala kekejian yang kaulakukan.

⁵² Tanggunglah aibmu sendiri, kerana engkau telah membuat hukuman bagi para saudara perempuanmu menjadi lebih ringan. Oleh sebab dosa-dosa yang kaulakukan lebih keji daripada dosa-dosa mereka, maka mereka menjadi lebih benar daripada engkau. Berasa malulah

engkau dan tanggunglah aibmu, kerana engkau membuat para saudara perempuanmu kelihatan benar.” ’

Allah meneguhkan perjanjian-Nya

⁵³ ‘Namun begitu, Aku akan memulihkan keadaan mereka, baik keadaan Sodom dengan anak-anak perempuannya mahupun keadaan Samaria dengan anak-anak perempuannya. Aku juga akan memulihkan keadaanmu di tengah-tengah mereka, ⁵⁴ supaya engkau menanggung aibmu dan berasa malu atas semua yang kaulakukan ketika engkau menjadi penghiburan bagi mereka. ⁵⁵ Adikmu Sodom dengan anak-anak perempuannya akan dipulihkan seperti keadaannya semula, demikian pula Samaria dengan anak-anak perempuannya. Engkau dengan anak-anak perempuanmu pun akan dipulihkan seperti keadaanmu semula. ⁵⁶ Bukankah Sodom, adikmu, menjadi buah mulutmu pada masa kebongkakanmu, ⁵⁷ sebelum kejahatanmu tersingkap? Kini ini engkau seperti dia, menjadi celaan anak-anak perempuan Edom dan semua orang di sekitar mereka, iaitu anak-anak perempuan Filistin yang menghina engkau dari sekelilingmu. ⁵⁸ Engkau harus menanggung akibat perbuatan

kecabulanmu dan kekejianmu, demikianlah firman Tuhan.

⁵⁹Sebab beginilah firman Tuhan Allah, “Aku akan memperlakukan engkau setimpal dengan yang kaulakukan, kerana engkau telah meremehkan sumpah dengan mengingkari perjanjian. ⁶⁰Tetapi Aku akan mengingati perjanjian-Ku dengan engkau pada masa mudamu dan akan meneguhkan suatu perjanjian yang kekal bagimu. ⁶¹Barulah engkau akan teringat bagaimana perilakumu, dan berasa malu pada waktu engkau menyambut para saudaramu, iaitu kakak dan adikmu. Aku akan mengurniakan mereka kepadamu untuk menjadi anak-anakmu tetapi bukan atas asas perjanjian denganmu. ⁶²Aku akan meneguhkan perjanjian-Ku denganmu dan engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ⁶³Dengan demikian engkau akan mengingat hal-hal yang telah lalu, berasa malu, dan tidak berani lagi membuka mulut kerana aibmu pada waktu Aku mengadakan pendamaian bagimu atas semua yang kaulakukan, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Lambang ketidaksetiaan Raja Zedekia

17 ¹Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ²‘Wahai anak manusia,

ajukanlah suatu teka-teki dan sampaikanlah suatu ibarat bagi keturunan kaum Israel.

³ Katakan: Beginilah firman Tuhan Allah, “Ada seekor burung helang besar yang lebar sayapnya, panjang kepaknya, dan penuh dengan bulu berwarna-warni. Burung itu datang ke Lebanon lalu mengambil pucuk paling atas sebuah pokok araz. ⁴ Dipetiknya pucuk di puncak, dibawanya ke negeri perdagangan, lalu ditaruhnya di kota pedagang. ⁵ Diambilnya pula sebahagian daripada benih negeri itu lalu ditempatkannya di ladang yang subur. Benih itu ditanamnya di tepi air yang berlimpahan, seperti pokok gandarusa. ⁶ Lalu tumbuhlah benih itu menjadi pokok anggur yang merambat rendah. Carang-carangnya berbalik ke arah burung itu sedangkan akar-akarnya tetap di bawahnya. Benih itu menjadi pokok anggur lalu mengeluarkan ranting dan menjulurkan dahan.

⁷ Ada pula seekor burung helang besar lainnya yang lebar sayapnya dan banyak bulunya. Tiba-tiba pokok anggur itu mengarahkan akarnya kepada burung itu dan menjulurkan carang-carangnya kepada burung itu dari petak tempat ia ditanam, supaya diairi. ⁸ Padahal, ia telah pun ditanam di ladang yang baik serta di tepi air yang berlimpahan supaya ia

mengeluarkan cabang, menghasilkan buah, dan menjadi pokok anggur yang elok.”

⁹ Katakanlah: Beginilah firman Tuhan Allah, “Adakah pokok anggur itu akan berkembang subur? Bukankah burung helang yang pertama akan mencabut akar-akarnya dan mengerat buahnya supaya ia layu? Semua daunnya yang baru bertunas akan layu. Tidak perlu tangan yang kuat atau ramai orang untuk mencabutnya dengan akar-akarnya. ¹⁰ Sekalipun ia ditanam, adakah ia akan berjaya? Bukankah apabila terkena angin timur ia akan layu kering? Dia akan layu di petak ia tumbuh.” ’

¹¹ Datanglah lagi firman Tuhan kepadaku demikian, ¹² ‘Katakanlah kepada keturunan kaum yang derhaka itu, “Tidakkah kamu tahu apa ertinya ini?” Katakan pula, “Ketahuilah, raja Babel datang ke Yerusalem. Dia mengambil rajanya dan para pembesarnya serta membawa mereka ke Babel untuk menghadapnya. ¹³ Kemudian dia memilih seorang daripada keturunan raja, mengikat perjanjian dengannya, dan membebankan sumpah setia kepadanya. Dia juga mengambil golongan orang yang berkuasa di negeri itu ¹⁴ supaya kerajaan itu menjadi lemah, tidak dapat bangkit lagi, dan dapat bertahan

hanya dengan berpegang teguh pada perjanjian itu. ¹⁵ Tetapi raja Yehuda memberontak melawannya dan mengirim utusannya ke Mesir supaya dia diberi kuda serta pasukan yang besar. Adakah dia akan berjaya? Adakah orang yang berbuat demikian dapat menyelamatkan diri? Adakah dia yang mengingkari perjanjian dapat menyelamatkan diri?

¹⁶ Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, sesungguhnya di Babel dia akan mati di tempat raja Babel yang mengangkat dia menjadi raja, kerana dia meremehkan sumpah yang diminta raja Babel itu daripada dirinya dan mengingkari perjanjian raja itu dengannya. ¹⁷ Firaun dengan pasukan yang besar serta sejumlah besar orang tentu tidak akan membantunya dalam peperangan ketika tanggul pengepung ditimbunkan dan tembok pengepung dibangun untuk melenyapkan banyak jiwa. ¹⁸ Dia telah meremehkan sumpah dengan mengingkari perjanjian. Sekalipun dia meneguhkan segala hal itu dengan berjabat tangan, dia tetap melakukan hal-hal ini, dan dia tidak akan selamat.

¹⁹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah: Demi Aku yang hidup, Aku pasti membalas kepadanya sumpah-Ku yang diremehkannya dan perjanjian-Ku yang diingkarinya. ²⁰ Aku

akan membentangkan jaring-Ku ke atasnya dan dia akan tertangkap di dalam jala-Ku. Aku akan membawa dia ke Babel dan menghukumnya di sana kerana kemungkaran yang dilakukannya terhadap Aku. ²¹ Semua pelarian daripada seluruh pasukannya akan tewas oleh pedang dan saki-baki orangnya akan diceraiberaikan ke segala mata angin. Maka kamu akan tahu bahawa Aku, Tuhan, telah berfirman.”

²² Beginilah firman Tuhan Allah,

“Aku akan mengambil pucuk paling atas
daripada pokok araz

yang tinggi dan menanamnya.

Aku akan memetik pucuk muda daripada
pucuk-pucuknya di puncak dan Aku akan
menanamnya

di atas sebuah gunung yang menjulang tinggi.

²³ Di atas gunung Israel yang tinggi Aku akan
menanamnya.

Dia akan mengeluarkan cabang, menghasilkan
buah,

dan menjadi pokok araz yang hebat.

Semua burung, iaitu segala yang bersayap,
akan berdiam di bawahnya.

Mereka akan berdiam di naungan carang-
carangnya.

²⁴ Segala pokok di padang akan tahu bahawa
Aku, Tuhan, telah merendahkan pokok

yang tinggi dan meninggikan pokok yang rendah,
mengeringkan pokok yang segar dan membuat pokok yang kering bertunas kembali.
Aku, Tuhan, telah berfirman dan akan melaksanakannya.” ’

Setiap manusia bertanggungjawab ke atas dirinya

18 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Apakah maksud kamu mengucapkan pepatah ini di Tanah Israel:

“Ayah makan buah anggur mentah dan gigi anak-anaknya yang berasa ngilu”?

³ Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, kamu tidak akan mengucapkan pepatah itu lagi di Israel. ⁴ Sesungguhnya, semua jiwa ialah milik-Ku! Jiwa ayah ataupun jiwa anak ialah milik-Ku. Hanya jiwa yang berdosa yang harus mati.

⁵ Seandainya ada seorang yang benar yang menegakkan apa yang adil dan benar.

⁶ Dia tidak makan daging korban di atas gunung-gunung dan tidak memuja berhala-berhala keturunan kaum Israel.

Dia tidak menodai isteri jirannya
dan tidak menghampiri perempuan yang
sedang datang haid.

⁷ Dia tidak menindas orang,
tetapi mengembalikan gadaian orang yang
berhutang.

Dia tidak merampas harta orang,
tetapi memberikan makanan kepada orang
yang lapar
dan mengenakan pakaian kepada orang yang
telanjang.

⁸ Dia tidak memberikan pinjaman dengan
menuntut bunga dan tidak mengambil
riba.

Dia menahan tangannya daripada kezaliman
dan menjalankan hukum yang benar antara
manusia dengan manusia.

⁹ Dia hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku
dan berpegang teguh pada peraturan-
peraturan-Ku dengan setia.^f

Dialah orang benar.

Dia pasti hidup, demikianlah firman Tuhan
Allah.

¹⁰ Tetapi seandainya orang itu dikurniai seorang
anak lelaki, yang kemudian menjadi penyamun,

^f18:9 Atau: Dengan melakukan kebenaran.

penumpah darah, dan melakukan salah satu hal itu ¹¹ meskipun ayahnya tidak melakukan segala hal itu:

Dia makan daging korban di atas gunung-gunung

dan menodai isteri jirannya.

¹² Dia menindas orang miskin dan orang melarat, merampas harta orang dan tidak mengembalikan gadaian.

Dia memuja berhala-berhala dan melakukan kekejian,

¹³ memberikan pinjaman dengan menuntut bunga dan mengambil riba.

Adakah dia akan tetap hidup? Tidak, kerana dia telah melakukan segala kekejian itu. Oleh sebab itu dia harus mati dan darahnya tertanggung atas dirinya sendiri.

¹⁴ Tetapi seandainya dia dikurniai anak lelaki dan anak ini melihat segala dosa yang dilakukan ayahnya lalu menyedari hal itu dan tidak berbuat demikian:

¹⁵ Dia tidak makan daging korban di atas gunung-gunung dan tidak memuja berhala-berhala keturunan kaum Israel.

Dia tidak menodai isteri jirannya

¹⁶ dan tidak menindas orang.

Dia tidak mengambil gadaian dan tidak merampas harta orang, tetapi memberikan makanan kepada orang yang lapar dan mengenakan pakaian kepada orang yang telanjang.

¹⁷ Dia menahan tangannya untuk tidak menganiaya orang miskin dan tidak mengambil wang bunga atau riba.

Dia melakukan peraturan-peraturan-Ku dan hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku.

Dia tidak akan mati kerana kesalahan ayahnya, melainkan pasti hidup. ¹⁸ Tetapi ayahnya yang melakukan pemerasan, merampas harta jirannya, dan melakukan hal yang tidak baik di tengah-tengah bangsanya, sungguh, dia akan mati dalam kesalahannya.

¹⁹ Namun begitu, kamu berkata, “Mengapakah anak itu tidak menanggung kesalahan ayahnya?” Kerana anak itu menegakkan yang adil dan benar serta berpegang teguh pada segala ketetapan-Ku dan melakukannya, maka dia pasti hidup. ²⁰ Jiwa yang berdosa itulah yang harus mati. Anak tidak akan menanggung kesalahan ayah, dan si ayah tidak akan menanggung kesalahan si anak.

Perbenaran⁸ orang benar tetap pada diri sendiri, dan kefasiqan orang fasiq tetap pada diri sendiri.

²¹ Tetapi seandainya orang fasiq bertaubat daripada segala dosa yang dilakukannya lalu berpegang teguh pada segala ketetapan-Ku dan menegakkan apa yang adil serta yang benar, dia pasti hidup. Dia tidak akan mati. ²² Segala pelanggaran yang dilakukannya tidak akan diingat lagi. Dia akan hidup kerana melakukan yang benar. ²³ Adakah Aku menyukai kematian orang fasiq? demikianlah firman Tuhan Allah. Bukankah Aku lebih suka dia bertaubat daripada perilakunya supaya dia hidup?

²⁴ Kalau orang benar berbalik daripada perbenarannya sehingga dia melakukan kezaliman dan bertindak menurut segala kekejian yang dilakukan orang fasiq, adakah dia akan hidup? Segala perbenaran yang dilakukannya tidak akan diingat lagi. Dia akan mati kerana kemungkaran yang dilakukannya dan kerana dosa yang diperbuatnya.

²⁵ Namun demikian, kamu berkata, “Jalan Tuhan itu tidak adil.” Dengarlah, wahai keturunan kaum Israel, adakah jalan-Ku tidak adil? Bukankah jalan-jalanmu yang tidak adil? ²⁶ Kalau orang

⁸**18:20** Perbenaran: Perkataan ini merujuk kepada tingkah laku yang baik, benar dan tulus. Lihat Kamus Alkitab untuk keterangan makna perkataan ini.

benar berbalik daripada perbenarannya dan melakukan kezaliman, maka dia akan mati kerananya. Dia pasti mati dalam kezaliman yang dilakukannya. ²⁷ Sebaliknya, kalau orang fasiq berbalik daripada kefasiqan yang dilakukannya dan menegakkan apa yang adil serta benar, dia akan menyelamatkan jiwanya. ²⁸ Kerana dia sedar dan bertaubat daripada segala pelanggaran yang dilakukannya, maka dia pasti hidup. Dia tidak akan mati. ²⁹ Namun demikian, keturunan kaum Israel berkata, "Jalan Tuhan itu tidak adil." Adakah jalan-Ku tidak adil, wahai keturunan kaum Israel? Bukankah jalan-jalanmu yang tidak adil?

³⁰ Oleh sebab itu Aku akan menghukum kamu menurut jalan hidup masing-masing, wahai keturunan kaum Israel, demikianlah firman Tuhan Allah. Beralinglah dan bertaubatlah daripada segala pelanggaranmu supaya itu tidak menjadi batu sandungan di hadapanmu. ³¹ Buanglah daripada dirimu segala pelanggaran yang kamu lakukan, milikilah hati yang baru serta roh yang baru. Mengapa kamu harus mati, wahai keturunan kaum Israel? ³² Sesungguhnya, Aku tidak menyukai kematian yang harus ditanggung seseorang, demikianlah firman Tuhan Allah. Oleh sebab itu bertaubatlah dan hiduplah.'

Ratapan tentang raja-raja Israel

19 ¹ Lantunkanlah suatu ratapan mengenai para pemimpin Israel.

² Katakanlah,

‘Betapa hebatnya ibumu! Dia bagaikan seekor singa betina antara singa.

Dia mendekam di tengah-tengah singa muda dan membesarkan anak-anaknya.

³ Dia membesarkan seekor daripada anak-anaknya menjadi singa muda, lalu anaknya ini belajar mencabik-cabik mangsa dan memakan orang.

⁴ Bangsa-bangsa pun mendengar tentangnya, dan ia tertangkap di dalam lubang jebakan mereka lalu dibawa dalam keadaan terbelenggu oleh cangkuk ke Tanah Mesir.

⁵ Setelah singa betina itu melihat bahawa penantiannya dan harapannya lenyap, diambilnya seekor anaknya pula dan dibesarkannya menjadi singa muda.

⁶ Anaknya ini berjalan-jalan di antara singa-singa, dan menjadi singa muda.

Dia belajar mencabik-cabik mangsa dan memakan orang.

⁷ Diamatinya tempat-tempat mereka yang
terbengkalai
dan ia merosakkan kota mereka.

Negeri itu berserta dengan segala isinya
menjadi sunyi
kerana bunyi ngaumannya.

⁸ Maka bangsa dari wilayah-wilayah sekitar
bersiap menghadapinya.

Mereka membentangkan jaring baginya,
dan ia pun tertangkap di dalam lubang
jebakan mereka.

⁹ Ia dimasukkan di dalam kandang dalam
keadaan terbelenggu oleh cangkuk.
Ia dibawa kepada raja Babel dan dimasukkan
dalam tahanan

supaya suaranya tidak terdengar lagi
di atas gunung-gunung Israel.

¹⁰ Ibumu seperti pokok anggur di dalam kebun
anggur,
tertanam di tepi air.

Dia berbuah dan bercabang
kerana air yang berlimpahan.

¹¹ Padanya ada beberapa cabang yang kuat,
yang menjadi cokmar kerajaan penguasa.

Dia menjulang tinggi
di antara cabang yang lebat
lalu terlihat kerana tingginya
dan kerana banyak rantingnya.

¹² Tetapi pokok anggur itu tercabut dalam murka

lalu dicampakkan ke bumi.

Angin timur melayukannya,
buahnya berluruhan.

Cabang-cabangnya yang kuat menjadi layu, api melahapnya.

¹³ Sekarang pokok anggur itu tertanam di gurun,

di gurun yang tidak berair.

¹⁴ Api terpancar daripada cabangnya melahap ranting dan buahnya, sehingga tidak ada lagi padanya cabang yang kuat untuk menjadi cokmar kerajaan bagi penguasa.'

Ini ialah suatu ratapan, dan akan terus digunakan sebagai ratapan.

Kasih dan hukuman Allah dalam sejarah Israel

20 ¹ Pada tahun ketujuh, tepatnya pada hari kesepuluh dalam bulan kelima, beberapa orang tua-tua Israel datang untuk mencari petunjuk Tuhan, lalu mereka duduk di hadapanku. ² Maka datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ³ 'Wahai anak manusia, berbicaralah dengan golongan tua-tua Israel dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan

Allah, “Adakah kamu datang untuk mencari petunjuk-Ku? Demi Aku yang hidup, Aku tidak sudi kamu mencari petunjuk-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah.”

⁴ Mahukah engkau menghakimi mereka, wahai anak manusia, mahukah engkau menghakimi mereka? Beritahulah mereka tentang segala kekejian nenek moyang mereka ⁵ dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Pada waktu Aku memilih Israel, Aku bersumpah kepada keluarga Yakub dan menyatakan diri kepada mereka di Tanah Mesir. Demikianlah sumpah-Ku kepada mereka, ‘Akulah Tuhan, Allahmu.’ ⁶ Pada waktu itu pun Aku bersumpah kepada mereka bahawa Aku akan membawa mereka keluar dari Tanah Mesir ke tanah yang Kupilih bagi mereka, sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu, termulia antara semua negeri. ⁷ Firman-Ku kepada mereka, ‘Setiap orang harus membuang berhala kejijikan^h yang dipujanya dan tidak boleh menajiskan diri dengan berhala-berhala Mesir. Akulah Tuhan, Allahmu.’ ⁸ Akan tetapi, mereka menderhaka dan tidak mahu mendengar Aku. Tiada seorang pun mahu membuang berhala

^h**20:7** Atau: Tuhan-tuhan kejijikan.

kejjikan yang dipujanya atau meninggalkan berhala-berhala Mesir. Maka Aku berfirman bahawa Aku hendak mencurahkan amarah-Ku ke atas mereka dan melampiaskan murka-Ku kepada mereka di tengah-tengah Tanah Mesir. ⁹ Namun demikian, demi nama-Ku, Aku tidak bertindak demikian supaya jangan nama itu dicemarkan di hadapan mata bangsa-bangsa tempat mereka berada. Di hadapan mata bangsa-bangsa itu dahulu Aku telah menyatakan diri kepada orang Israel dengan membawa mereka keluar dari Tanah Mesir.

¹⁰ Aku menuntun mereka keluar dari Tanah Mesir dan membawa mereka ke gurun.

¹¹ Kuberikan ketetapan-ketetapan-Ku kepada mereka dan Kuberitahukan peraturan-peraturan-Ku kepada mereka, kerana orang yang melakukan semua itu akan hidup. ¹² Aku juga memberi mereka hari-hari Sabat-Ku sebagai suatu tanda antara Aku dengan mereka, supaya mereka tahu bahawa Akulah Tuhan, yang menyucikan mereka.

¹³ Namun demikian, keturunan kaum Israel menderhaka terhadap Aku di gurun. Mereka tidak hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku dan menolak peraturan-peraturan-Ku, padahal orang yang melakukan semua itu akan hidup.

Mereka pun sangat mencemari hari-hari Sabat-Ku. Maka Aku berfirman bahawa Aku hendak mencurahkan murka-Ku ke atas mereka di gurun serta menghancurkan mereka. ¹⁴ Namun demikian, demi nama-Ku, Aku tidak bertindak demikian supaya jangan nama itu dicemarkan di hadapan mata bangsa-bangsa yang menyaksikan ketika Aku membawa mereka ke luar. ¹⁵ Aku pun bersumpah kepada mereka di gurun bahawa Aku tidak akan membawa mereka masuk ke tanah yang telah Kukurniakan kepada mereka, sebuah negeri yang berlimpah-limpah susu dan madu, termulia antara segala negeri, ¹⁶ kerana mereka menolak peraturan-peraturan-Ku, tidak hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku, dan mencemari hari-hari Sabat-Ku. Hati mereka mengikuti berhala-berhala mereka.

¹⁷ Meskipun demikian, Aku berasa hiba kepada mereka sehingga Aku tidak membinasakan mereka dan tidak mematikan mereka di gurun. ¹⁸ Kepada anak-anak mereka di gurun Aku berfirman, 'Jangan hidup menurut ketetapan-ketetapan nenek moyangmu, jangan memegang peraturan-peraturan mereka, dan jangan najiskan dirimu dengan berhala-berhala mereka. ¹⁹ Akulah Tuhan, Allahmu. Hiduplah

menurut ketetapan-ketetapan-Ku. Peganglah teguh peraturan-peraturan-Ku dan lakukanlah itu. ²⁰ Jagalah kesucian hari-hari Sabat-Ku. Hari-hari itu adalah tanda antara Aku dengan kamu, supaya kamu tahu bahawa Akulah Tuhan, Allahmu.'

²¹ Akan tetapi, anak-anak mereka pun menderhaka terhadap Aku. Mereka tidak hidup menurut ketetapan-ketetapan-Ku dan tidak melakukan dengan setia peraturan-peraturan-Ku, padahal orang yang melakukan semua itu akan hidup. Mereka juga mencemari hari-hari Sabat-Ku. Maka Aku berfirman bahawa Aku hendak mencurahkan amarah-Ku ke atas mereka untuk melampiaskan murka-Ku kepada mereka di gurun. ²² Namun demikian, demi nama-Ku, Aku menahan tangan-Ku dan tidak bertindak demikian supaya jangan nama itu dicemarkan di hadapan mata bangsa-bangsa yang menyaksikan ketika Aku membawa mereka ke luar. ²³ Aku juga bersumpah kepada mereka di gurun bahawa Aku akan menceraikan mereka di antara bangsa serta menyerakkan mereka di pelbagai negeri ²⁴ kerana mereka tidak melakukan peraturan-peraturan-Ku, menolak ketetapan-ketetapan-Ku, mencemari hari-hari

Sabat-Ku, dan tetap memuja berhala-berhala nenek moyang mereka.

²⁵ Aku pun memberikan kepada mereka ketetapan-ketetapan yang tidak baik dan peraturan-peraturan yang tidak akan membuat mereka hidup. ²⁶ Aku membiarkan mereka menjadi najis sehubungan dengan persembahan-persembahan mereka, yaitu dengan membiarkan mereka mempersembahkan semua yang lahir pertama dari rahim sebagai korban yang dibakar, supaya Kubinasakan mereka. Dengan demikian mereka akan tahu bahwa Akulah Tuhan.”

²⁷ Oleh sebab itu berbicaralah kepada keturunan kaum Israel, wahai anak manusia, dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Dalam hal ini pun nenek moyangmu telah menghujah Aku, yaitu dengan berbuat mungkar terhadap Aku. ²⁸ Sesudah Aku membawa mereka masuk ke negeri yang Kusumpah untuk dikurniakan kepada mereka, mereka memandang setiap bukit yang tinggi juga setiap pokok yang rendang, lalu di sana mereka mempersembahkan korban sembelihan dan di sana mereka mempersembahkan persembahan yang membangkitkan murka-Ku. Di sana mereka membuat semerbak bauan persembahan yang harum, dan di sana mereka mencurahkan persembahan minuman. ²⁹ Firman-Ku kepada

mereka, 'Bukit pemujaan apa yang kamu datangi itu?' Maka namanya disebut Bukit Pengorbanan sampai hari ini." ³⁰ Oleh sebab itu katakanlah kepada keturunan kaum Israel: Beginilah firman Tuhan Allah, "Adakah kamu mahu menajiskan diri dengan perilaku nenek moyangmu dan berbuat kafir dengan mengikuti tuhan mereka yang menjijikkan? ³¹ Sampai hari ini pun kamu menajiskan diri dengan segala berhalamu ketika kamu membawa persembahan-persembahanmu, iaitu ketika kamu mempersembahkan anak-anakmu sebagai korban yang dibakar. Masakan Aku sudi kamu mencari petunjuk-Ku, wahai keturunan kaum Israel? Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, Aku tidak sudi kamu mencari petunjuk-Ku. ³² Apa yang muncul dalam hatimu seperti yang kamu katakan, 'Kami ingin menjadi seperti bangsa-bangsa lain, seperti kaum di pelbagai negeri, yang beribadat kepada kayu dan batu,' sama sekali tidak akan terjadi.

³³ Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, sesungguhnya Aku akan memerintah kamu dengan tangan yang perkasa, dan lengan yang terhulur serta dengan murka yang tercurah. ³⁴ Akan Kubawa kamu keluar dari antara bangsa dan mengumpulkan kamu dari negeri-negeri tempat kamu dicerai-beraikan dengan tangan

yang perkasa dan lengan yang terhulur, serta dengan murka yang tercurah. ³⁵ Aku akan membawa kamu ke gurun bangsa-bangsa dan di sana Aku akan menghakimi kamu berhadapan-hadapan. ³⁶ Seperti Aku menghakimi nenek moyangmu di gurun Tanah Mesir, begitulah Aku akan menghakimi kamu, demikianlah firman Tuhan Allah.

³⁷ Aku akan membuat kamu berlalu di bawah tongkat gembala dan membawa kamu memasuki ikatan perjanjian. ³⁸ Aku akan membersihkan orang yang memberontak dan menderhaka terhadap Aku daripada kalangan kamu. Akan Kubawa mereka keluar dari negeri tempat mereka tinggal sebagai pendatang, tetapi mereka tidak akan masuk ke Tanah Israel. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.”

³⁹ Mengenai kamu, wahai keturunan kaum Israel, beginilah firman Tuhan Allah, “Pergilah beribadat kepada berhalmu masing-masing. Tetapi nanti, kamu pasti mendengar Aku dan tidak lagi mencemarkan nama-Ku yang suci dengan persembahan-persembahanmu dan berhala-berhala kamu. ⁴⁰ Sebabnya di atas gunung-Ku yang suci, iaitu di atas gunung Israel yang tinggi di tanah itu, demikianlah firman Tuhan Allah, di sanalah seluruh keturunan kaum Israel akan beribadat kepada-Ku. Di sana Aku

akan menerima mereka, dan di sana pulalah Aku akan menuntut persembahan-persembahan khususmu serta pemberian hasil pertamamu dengan segala sesuatu yang telah kamu takdiskan. ⁴¹ Aku akan menerima kamu seperti Aku menerima bauan persembahan yang harum ketika Aku membawa kamu keluar daripada bangsa-bangsa dan mengumpulkan kamu dari negeri-negeri tempat kamu dicerai-beraikan. Aku akan menyatakan kesucian-Ku kepadamu di hadapan mata bangsa-bangsa. ⁴² Kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan pada waktu Aku membawa kamu masuk ke Tanah Israel, ke negeri yang Kusumpah untuk dikurniakan kepada nenek moyangmu. ⁴³ Di sana kamu akan teringat akan perilikumu dan segala perbuatanmu yang telah menjadikan kamu najis. Kamu akan muak kepada dirimu sendiri kerana segala kejahatan yang telah kamu lakukan. ⁴⁴ Kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan pada waktu Aku berbuat demikian kepadamu demi nama-Ku, dan bukan menurut perilikumu yang jahat atau perbuatanmu yang merosakkan, wahai keturunan kaum Israel, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Api dari tanah selatan

⁴⁵ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,

⁴⁶ ‘Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu

ke arah selatan dan bertuturlah menentang tanah selatan. Bernubuatlah menentang daerah hutan di Tanah Negeb, ⁴⁷ dan katakan kepada hutan di Tanah Negeb itu: Dengarlah firman Tuhan. Beginilah firman Tuhan Allah, “Ketahuilah, Aku akan menyalakan api yang akan melahap semua pokok di kawasanmu, baik yang segar mahupun yang kering. Nyala api itu tidak akan padam dan semua muka dari selatan sampai ke utara akan terbakar kepanasan olehnya. ⁴⁸ Setiap makhluk akan menyedari bahawa Aku, Tuhan, telah menyalakannya, dan api itu tidak akan padam.’

⁴⁹ Lalu aku berkata, ‘Aduh, ya Tuhan Allah, mereka berkata tentang aku, “Bukankah dia hanya menyampaikan cerita ibarat?” ’

Pedang kemurkaan Allah melawan Yerusalem

21 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu ke Yerusalem dan berucaplah menentang tempat-tempat suci. Bernubuatlah menentang Tanah Israel, ³ dan katakan kepada tanah Israel: Beginilah firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu. Aku akan menghunus pedang-Ku daripada sarungnya lalu melenyapkan orang benar dan orang fasiq daripada golongan kamu.

⁴ Kerana Aku hendak melenyapkan daripada kalangan kamu orang benar dan orang fasiq, Kuhunus pedang-Ku dari sarungnya untuk melawan semua makhluk dari selatan sampai ke utara. ⁵ Maka semua makhluk akan tahu bahawa Aku, Tuhan, telah menghunus pedang-Ku daripada sarungnya, dan pedang itu tidak akan kembali lagi ke situ.

⁶ Engkau, wahai anak manusia, mengeranglah! Mengeranglah di hadapan mata mereka seperti orang yang patah tulang pinggangnya dan yang sedang berada dalam penderitaan yang perit.

⁷ Nanti, apabila orang bertanya kepadamu, 'Mengapa engkau mengerang?' jawablah, 'Kerana suatu khabar yang akan tersiar! Khabar itu akan membuat setiap hati menjadi tawar, setiap tangan menjadi lemah, setiap semangat menjadi pudar, dan setiap lutut goyah seperti air.' Sungguh, khabar itu akan tersiar dan akan terjadi, demikianlah firman Tuhan Allah." '

⁸ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,

⁹ 'Wahai anak manusia, bernubuatlah dan katakan: Beginilah firman Tuhan,

"Pedang! Pedang,

yang sudah diasah dan juga digilap –

¹⁰ diasah untuk membantai,

digilap untuk menjadi seperti kilat.

Masakan tongkat kerajaan anak-Ku bani Yehuda bergirang? Pedang itu memandang hina segala macam kayu!

¹¹ Pedang itu ditentukan untuk digilap, untuk digenggam dalam tangan.

Pedang itu diasah dan digilap untuk diserahkan ke dalam tangan si pembunuh.

¹² Berteriaklah dan meraung-raunglah, wahai anak manusia, kerana pedang itu sudah ditentukan untuk melawan umat-Ku dan melawan semua pemimpin Israel.

Mereka telah diserahkan kepada pedang bersama umat-Ku.

Oleh sebab itu tepuklah pahamu tanda berkabung.

¹³ Pencubaan pasti datang. Bagaimana jika tongkat yang memandang hina itu pun tidak dapat bertahan? demikianlah firman Tuhan Allah.

¹⁴ Engkau, wahai anak manusia, bernubuatlah dan tepuklah kedua-dua tanganmu.

Biarlah pedang itu memukul dua sampai tiga kali.

Itu pedang untuk membunuh –

pedang untuk pembunuhan besar-besaran yang akan mengepung mereka,

¹⁵ sehingga hati mereka cemas dan ramai orang yang jatuh.

Di setiap pintu gerbang mereka telah

Kutentukan pembantaian oleh pedang itu.

Ah, pedang itu dibuat seperti kilat

dan ditajamkan untuk membantai.

¹⁶ Bersiaplah, tebaslah ke kanan!

Bersiaplah, tebaslah ke kiri!

Ke mana-mana pun matamu menghadap.

¹⁷ Aku juga akan menepuk tangan

dan melampiaskan murka-Ku.

Aku, Tuhan, telah berfirman.” ’

¹⁸ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,

¹⁹ ‘Engkau, wahai anak manusia, tentukanlah

dua jalan untuk dilalui pedang raja Babel;

kedua-duanya harus bermula dari sebuah negeri.

Lalu buatlah sebuah penanda di persimpangan

jalan menuju kota masing-masing. ²⁰ Tandailah

jalan yang harus dilalui pedang itu menuju Raba,

kota bani Amon, dan juga jalan menuju Yehuda

dengan kubunya di Yerusalem. ²¹ Sesungguhnya,

raja Babel akan berdiri di persimpangan jalan

itu, iaitu di pangkal kedua-dua jalan itu, untuk

melakukan tenungan. Dia menggoyangkan anak

panah, menanyakan petunjuk terafimⁱ, dan menilik hati binatang. ²² Lalu jatuhlah ke tangan kanannya panah tenungan bagi Yerusalem. Itu berarti dia harus menyiapkan alat-alat pemusnah, memberikan perintah membunuh, menyerukan pekik tempur, menyiapkan alat-alat pemusnah pintu gerbang, menimbunkan tanggul pengepung, dan membangunkan tembok pengepung. ²³ Orang Israel yang telah bersumpah setia kepadanya akan menganggap tenungan itu menipu. Akan tetapi, dia menyingkap kesalahan mereka sehingga kemudian mereka ditangkap. ²⁴ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah: Kerana sekarang kesalahanmu muncul dan pelanggaranmu terungkap sehingga setiap orang dapat mengetahui dosa-dosa yang telah kaubuat, maka kamu akan ditangkap.

²⁵ Engkau, wahai raja Israel, orang fasiq yang nista,
saat penghukumanmu sudah mencapai puncaknya.

²⁶ Beginilah firman Tuhan Allah:
Singkirkanlah serbanmu dan tanggalkanlah mahkotamu!

ⁱ**21:21** Dlm bhs Ibrani, “terafim” berarti berhala yang disembah sebagai pelindung rumah tangga. Kemudian terafim itu disingkirkan oleh Yakub (lihat Kej. 35:2-4).

Tidak akan ada lagi yang tetap seperti
keadaannya sekarang.

Yang rendah akan ditinggikan dan yang tinggi
akan direndahkan.

²⁷ Puing! Puing! Puing!

Demikianlah Aku akan menjadikannya.

Ini pun tidak akan muncul lagi sampai datang
dia yang berhak atasnya,
barulah Aku akan mengurniakan kerajaan itu
kepadanya.” ’

Pedang kemurkaan Allah melawan bani Amon

²⁸ ‘Engkau, wahai anak manusia, bernubuatlah
dan katakanlah: Beginilah firman Tuhan Allah
mengenai bani Amon dan mengenai celaan
mereka. Katakanlah,

“Pedang! Pedang,

yang terhunus untuk membantai,
digilap untuk memusnahkan dan untuk
menjadi seperti kilat!

²⁹ Sementara orang menyampaikan
penglihatan-penglihatan tipuan

serta tenungan dusta kepadamu,
pedang itu ditempatkan pada leher orang fasiq
yang harus dibunuh,

yang saat penghukumannya sudah mencapai puncaknya.

³⁰ Kembalikanlah pedang itu ke sarungnya! Di tempat engkau diciptakan dan di negeri asalmu,

Aku akan menghakimi engkau.

³¹ Akan Kucurahkan geram-Ku terhadapmu dan Kutupkan api murka-Ku kepadamu. Akan Kuserahkan engkau

ke dalam tangan orang bengis seperti haiwan yang cekap membinasakan.

³² Engkau akan menjadi makanan api.

Darahmu akan tertumpah di tengah-tengah negeri itu,

dan engkau tidak akan diingat lagi,

kerana Aku, Tuhan, telah berfirman begitu.” ’

Dosa-dosa Yerusalem

22 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Engkau, wahai anak manusia, mahukah engkau menghakimi? Mahukah engkau menghakimi kota penumpah darah itu? Beritahukanlah segala kekejiannya kepadanya. ³ Katakan: Beginilah firman Tuhan Allah, “Wahai kota! Engkau menumpahkan darah di tengah-tengahmu sehingga tibalah waktu penghukumanmu! Engkau membuat berhala-berhala bagi dirimu sehingga engkau

menjadi najis! ⁴ Engkau bersalah kerana darah yang kautumpahkan, dan engkau najis kerana berhala-berhala yang kaubuat. Engkau membuat ajalmu mendekat dan akhir tahun-tahun kehidupanmu tiba. Oleh sebab itu Aku membuat engkau menjadi celaan bangsa-bangsa dan bahan olok-olok segala negeri. ⁵ Mereka yang dekat dan mereka yang jauh daripadamu akan mengolok-olokkan engkau, wahai kota yang kenajisannya terkenal dan yang penuh huru-hara. ⁶ Lihat, di dalammu pemimpin Israel menggunakan kekuasaan masing-masing untuk menumpahkan darah, ⁷ ayah dan ibu dipandang rendah. Orang melakukan pemerasan terhadap pendatang di tengah-tengahmu, anak yatim dan balu ditindas. ⁸ Barang-barang tempat suci-Ku kauremehkan dan hari-hari Sabat-Ku kaucemari. ⁹ Di dalammu pun ada manusia pemfitnah yang berniat menumpahkan darah, demikian pula kalangan yang makan daging korban di atas gunung-gunung. Kecabulan dilakukan di tengah-tengahmu: ¹⁰ orang bersentuh dengan isteri ayahnya, dan perempuan yang najis kerana dalam haidnya diperkosa; ¹¹ yang satu melakukan kekejian dengan isteri jirannya, yang

22:7 a: Kel 20:12; Ul 5:16; **b:** Kel 22:21,22; Ul 24:17.

22:8: Im 19:30; 26:2. **22:10:** Im 18:7-20.

lain menajiskan menantunya dengan perbuatan keji, dan yang lain lagi memperkosa saudara perempuannya, anak kandung ayahnya. ¹² Di tengah-tengahmu pula orang menerima suap untuk menumpahkan darah. Engkau mengambil wang bunga dan riba. Engkau mengambil untung daripada jiranmu dengan pemerasan, sedangkan Aku kaulupakan, demikianlah firman Tuhan Allah.

¹³ Ketahuilah, Aku murka kerana laba haram yang kauperoleh dan kerana darah yang tumpah di tengah-tengahmu. ¹⁴ Adakah hatimu akan tetap teguh dan tanganmu tetap kuat pada waktu Aku bertindak menanganimu? Aku, Tuhan, telah berfirman dan akan melaksanakannya. ¹⁵ Aku akan menceraikan engkau dalam kalangan bangsa dan menyerakkan engkau ke pelbagai negeri. Akan Kukikis kenajisan kamu daripada dirimu. ¹⁶ Engkau akan dinista di hadapan mata bangsa-bangsa, dan engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan.'

¹⁷ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁸ 'Wahai anak manusia, keturunan kaum Israel telah menjadi seperti kotoran perak bagi-Ku. Mereka semua seperti tembaga, timah putih, besi, dan timah hitam di dalam dapur peleburan. Ya, mereka seperti kotoran perak. ¹⁹ Oleh

sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana kamu semua telah menjadi kotoran perak, maka sesungguhnya, Aku akan mengumpulkan kamu di tengah-tengah Yerusalem. ²⁰ Seperti orang mengumpulkan perak, tembaga, besi, timah hitam, dan timah putih di dalam dapur peleburan lalu menghembuskan api kepadanya dan meleburnya, demikian pulalah Aku akan mengumpulkan kamu dalam murka-Ku serta amarah-Ku. Aku akan menaruh kamu di situ lalu melebur kamu. ²¹ Aku akan mengumpulkan kamu dan menghembuskan api murka-Ku kepadamu sehingga kamu lebur di dalamnya. ²² Seperti perak lebur di dalam dapur peleburan, demikianlah kamu akan dilebur di dalamnya. Maka kamu akan tahu bahawa Aku, Tuhan, telah mencurahkan murka-Ku kepadamu.” ’

²³ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ²⁴ ‘Wahai anak manusia, katakanlah kepadanya, “Engkau tanah yang tidak diterangi dan tidak dituruni hujan pada hari kemurkaan. ²⁵ Nabinya bersekongkol di tengah-tengahnya seperti singa yang mengaum dan mencabik-cabik mangsa. Mereka melahap jiwa orang dan merampas harta benda serta barang-barang berharga. Mereka menambah jumlah balu di

tengah-tengahnya. ²⁶ Para imamnya memperkosa hukum-Ku dan mencemarkan barang-barang tempat suci-Ku. Mereka tidak membezakan antara yang suci dengan yang biasa, tidak menyatakan perbezaan antara yang najis dengan yang tahir, dan menutup mata terhadap hari-hari Sabat-Ku sehingga Aku dinista di tengah-tengah mereka. ²⁷ Para pembesar di tengah-tengahnya seperti serigala yang mencabik-cabik mangsa. Mereka menumpahkan darah dan melenyapkan nyawa orang demi mengejar laba. ²⁸ Para nabinya melabur mereka dengan kapur sambil menyampaikan penglihatan tipuan dan tenungan dusta kepada mereka. Kata nabi-nabi itu, 'Beginilah firman Tuhan Allah,' padahal Tuhan tidak berfirman. ²⁹ Rakyat negeri melakukan penganiayaan dan perampasan. Mereka menindas orang miskin dan orang melarat serta memeras pendatang tanpa mengendahkan hukum. ³⁰ Aku mencari di tengah-tengah mereka seorang yang hendak mendirikan tembok atau yang mempertahankan negeri itu di hadapan-Ku, supaya jangan Kumusnahkan, tetapi Aku tidak menemukannya. ³¹ Oleh sebab itu Aku mencurahkan murka-Ku terhadap mereka. Kumusnahkan mereka dengan api murka-Ku,

Kubalas perilaku mereka kepada mereka sendiri, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Ibarat tentang adik-beradik Ohola dan Oholiba

23 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, ada dua orang perempuan, iaitu saudara seibu. ³ Mereka berzina di Mesir pada masa muda mereka, dan di sana mereka kehilangan keperawanan mereka. ⁴ Nama yang tua ialah Ohola dan nama adiknya ialah Oholiba; Ohola mewakili Samaria dan Oholiba mewakili Yerusalem. Mereka milik-Ku. Kemudian mereka melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan. ⁵ Ketika Ohola masih menjadi milik-Ku, dia berzina. Dia berahi kepada para kekasihnya, orang Asyur, iaitu anggota tenteranya ⁶ yang berpakaian kain biru, pembesar dan penguasa; semuanya pemuda yang menawan hati, pasukan penunggang kuda. ⁷ Dia berzina dengan mereka semua, orang Asyur pilihan. Kepada sesiapa pun ia berahi, dinajiskannya diri dengan segala berhala mereka. ⁸ Perzinaan yang pernah dilakukannya di Mesir tidak dihentikannya. Sejak masa mudanya orang memang sudah menidurinya, mengambil keperawanannya, dan melampiaskan nafsu zina mereka kepadanya. ⁹ Oleh sebab itu Aku menyerahkan dia ke dalam

tangan para kekasihnya, iaitu ke dalam tangan orang Asyur yang dighairkannya. ¹⁰ Mereka menelanjangi dia. Anak-anaknya baik lelaki mahupun perempuan ditangkap. Dia sendiri dibunuh dengan pedang sehingga namanya menjadi perbualan golongan perempuan ketika hukuman dijatuhkan kepadanya.

¹¹ Sekalipun adiknya Oholiba melihat hal itu, berahinya lebih merosakkan lagi daripada kakaknya dan perzinaannya melebihi perzinaan kakaknya. ¹² Dia pun berahi kepada orang Asyur, iaitu kepada pembesar dan penguasa, anggota tenteranya yang mengenakan pakaian lengkap, pasukan penunggang kuda; semuanya ialah pemuda yang menawan hati. ¹³ Kulihat bahawa dia menajiskan dirinya pula. Jadi, mereka berdua sama perilaku mereka.

¹⁴ Dia bahkan menambah perzinaannya. Dia melihat susuk-susuk lelaki terukir di dinding, iaitu gambar orang Kasdim yang terukir dalam warna merah ¹⁵ dengan sabuk terlilit di pinggang dan serban berjantai di kepala mereka. Semuanya kelihatan seperti perwira, gambaran orang Babel dari Kasdim, tanah kelahiran mereka.

¹⁶ Sebaik sahaja matanya melihat semua itu, dia terus mengghairahkan mereka lalu dikirimnya utusan kepada mereka ke Tanah Kasdim. ¹⁷ Maka datanglah orang Babel kepadanya, ke ranjang

percintaannya, lalu menajiskan dia dengan nafsu zina mereka. Setelah dia dibuat najis oleh mereka, dijauhinya mereka dengan rasa muak.¹⁸ Kerana dia terang-terangan melakukan perzinaannya dan memperlihatkan auratnya, maka Aku pun menjauhinya dengan rasa muak, sama seperti Aku menjauhi kakaknya.¹⁹ Akan tetapi, dia menambah perzinaannya lagi sambil mengenang masa mudanya ketika dia berzina di Tanah Mesir.²⁰ Dia berahi terhadap gundik mereka, yang aurat mereka seperti aurat keldai dan air mani mereka seperti air mani kuda.²¹ Demikianlah engkau merindukan kecabulan masa mudamu ketika engkau kehilangan keperawananmu di Mesir.

²² Oleh sebab itu, wahai Oholiba, beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan membangkitkan para kekasihmu untuk melawan engkau, iaitu mereka yang kaujauhi dengan rasa muak. Aku akan mendatangkan mereka dari segala penjuru untuk melawan engkau:²³ orang Babel dan semua orang Kasdim; orang Pekod, orang Soa, dan orang Koa; serta semua orang Asyur, iaitu semuanya ialah pemuda yang menawan hati, pembesar dan penguasa, perwira serta orang terkenal, semuanya penunggang kuda.²⁴ Mereka akan mendatangimu dengan persenjataan, rata, kenderaan beroda, dan

sekumpulan bangsa. Engkau akan dikepung dengan memakai perisai besar, perisai kecil, dan ketopong. Aku akan mempercayakan penghakiman kepada mereka dan mereka akan menghakimi engkau menurut undang-undang mereka. ²⁵ Akan Kubalas kecemburuan-Ku kepadamu. Mereka akan memperlakukan engkau dengan kemarahan. Mereka pun akan mengerat hidung dan telingamu, serta saki-baki orangmu akan tewas oleh pedang. Kemudian mereka akan menangkap anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan, dan saki-baki orangmu akan dimakan api. ²⁶ Pakaianmu akan dilucuti mereka dan barang-barang perhiasanmu akan dirampas mereka. ²⁷ Demikianlah Aku menghentikan kecabulan dan perzinaan yang kaulakukan sejak di Tanah Mesir. Engkau tidak akan melirik mereka lagi dan tidak akan mengingat-ingat Mesir lagi.”

²⁸ Beginilah firman Tuhan Allah, “Ketahuilah, Aku akan menyerahkan engkau ke dalam tangan kalangan yang kaubenci, ke dalam tangan orang yang kaujauhi dengan rasa muak. ²⁹ Mereka akan memperlakukan engkau dengan penuh kebencian dan akan merampas segala hasil jerih payahmu. Mereka akan meninggalkan engkau tanpa busana sehingga engkau menjadi tontonan umum. Kecabulanmu dan perzinaanmu ³⁰ telah menimpakan hal ini ke atasmu kerana engkau

berzina dengan bangsa-bangsa dan menajiskan diri dengan berhala mereka. ³¹ Engkau hidup menurut perilaku kakakmu, sebab itu Aku akan menaruh cawannya di tanganmu.”

³² Beginilah firman Tuhan Allah,

“Engkau harus minum dari cawan kakakmu, cawan yang dalam dan lebar.

Engkau akan ditertawakan dan diolok-olokkan kerana cawan itu banyak isinya.

³³ Engkau akan dipenuhi kemabukan dan dukacita.

Cawan kengerian dan kehancuran itu ialah cawan kakakmu Samaria.

³⁴ Engkau akan meminumnya habis.

Engkau akan mengunggis kepingannya dan mengoyak buah dadamu, kerana Aku telah berfirman,” demikianlah firman Tuhan Allah.

³⁵ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana engkau melupakan Aku dan membelakangi Aku, maka tanggunglah sendiri akibat daripada kecabulan dan perzinaanmu.” ’

³⁶ Tuhan berfirman kepadaku, ‘Wahai anak manusia, mahukah engkau menghakimi Ohola dan Oholiba? Beritahulah mereka fasal segala kekejian mereka, ³⁷ kerana mereka telah berzina dan tangan mereka berlumuran darah. Mereka berbuat kafir dengan berhala-berhala. Bahkan

anak-anak lelaki yang dilahirkan mereka sebagai milik-Ku telah dipersembahkan mereka sebagai korban yang dibakar bagi berhala mereka untuk menjadi santapan. ³⁸ Hal ini juga dilakukan mereka terhadap Aku. Pada waktu yang bersamaan, mereka menajiskan tempat suci-Ku dan mencemari hari Sabat-Ku. ³⁹ Setelah mereka menyembelih anak-anak mereka bagi berhala mereka, pada hari itu juga mereka masuk ke dalam tempat suci-Ku sehingga mencemarnya. Sungguh, itulah yang dilakukan mereka di dalam Bait-Ku.

⁴⁰ Tambahan lagi, mereka meminta orang datang dari jauh dengan mengirimkan utusan kepada mereka. Apabila mereka datang engkau mandi, mencelak mata, dan mendandani dirimu dengan segala perhiasan. ⁴¹ Engkau duduk di atas tempat tidur yang amat elok, dan meja yang tertata ada di hadapannya. Di atasnya kautaruh dupa dan minyak yang seharusnya dipersembahkan kepada-Ku. ⁴² Bunyi keramaian orang yang bersenang-senang ada di sekitarnya. Beberapa orang pemabuk dibawa dari gurun bersama dengan orang ramai. Mereka memakai gelang pada tangan mereka dan mahkota kemuliaan pada kepala mereka. ⁴³ Lalu Aku berkata tentang dia yang telah uzur dalam perzinaannya, "Masih mahukah orang berbuat

zina dengan dia? Dengan dia ini?”⁴⁴ Mereka bercampur dengan dia seperti orang bersentuh dengan perempuan sundal. Demikianlah mereka bercampur dengan Ohola dan Oholiba, perempuan-perempuan yang cabul itu.⁴⁵ Tetapi golongan orang benar akan menjatuhkan hukuman terhadap mereka, iaitu hukuman bagi perempuan yang berzina dan hukuman bagi perempuan yang menumpahkan darah, kerana mereka golongan perempuan yang berzina serta tangan mereka berlumuran darah.

⁴⁶ Beginilah firman Tuhan Allah, “Biarlah sekumpulan orang maju melawan mereka dan menyerahkan mereka kepada kengerian serta perampasan.⁴⁷ Kumpulan orang itu akan merejam mereka dengan batu dan menebas mereka dengan pedang. Anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan akan dibunuh dan rumah mereka dibakar habis.⁴⁸ Demikianlah Aku akan menghentikan kecabulan di negeri itu supaya semua perempuan dapat mengambil iktibar dan tidak melakukan kecabulan seperti kamu.⁴⁹ Kecabulanmu akan dibalas kepadamu dan kamu harus menanggung dosa-dosa penyembahan berhalamu. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan Allah.”

Lambang kualii yang berkarat

24 ¹ Pada tahun kesembilan, tepatnya pada hari kesepuluh dalam bulan kesepuluh, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, tulislah tarikh hari ini, ya, hari ini. Pada hari ini juga raja Babel mula mengepung Yerusalem. ³ Sampaikanlah suatu ibarat kepada keturunan kaum yang derhaka itu dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Jeranglah kualii, jeranglah,
dan tuanglah air pula ke dalamnya.

⁴ Masukkanlah potongan daging di dalamnya, semua potongan yang baik-baik, paha dan bahu.

Penuhilah kualii itu dengan tulang pilihan.

⁵ Ambillah domba pilihan dan timbunkanlah tulang pula di bawahnya. Didihkanlah masakan itu, biarlah tulang-tulangnya pun direbus di dalamnya.”

⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Malangnya kota penumpah darah, iaitu kualii yang berkarat sebelah di dalamnya dan yang karatnya tidak kunjung hilang!

Keluarkanlah potongan demi potongan daging yang ada di dalamnya tanpa mencabut undi.

⁷ Darah yang ditumpahkannya masih ada di tengah-tengahnya.

Dia menumpahkannya di atas bukit batu yang gondol.

Dia tidak mencurahkanya di atas tanah supaya dilitupi oleh debu.

⁸ Untuk membangkitkan murka dan untuk menuntut pembalasan,

Aku telah menempatkan darah yang ditumpahkannya di atas bukit batu yang gondol supaya tidak dilitupi oleh debu.”

⁹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Malangnya kota penumpah darah!

Aku pun akan memperbesar timbunan kayu bakar itu.

¹⁰ Timbunkanlah banyak kayu, nyalakanlah api.

Biarlah daging itu masak, campurkanlah rempah; dan biarlah tulang-tulang itu hangus.

¹¹ Kemudian letakkanlah kualii kosong itu di atas bara api supaya kualii itu menjadi panas dan tembaganya terbakar.

Dengan demikian kotorannya akan lebur di dalamnya dan karatnya akan luruh.

¹² Sia-sia sahaja dia melelahkan diri.

Karatnya yang banyak itu tidak dapat hilang daripadanya.

Dalam api pun karatnya bertahan.

¹³ Kenajisanmu ialah kecabulan.

Aku ingin menyucikan engkau, tetapi engkau tidak juga suci daripada kenajisanmu.

Oleh itu, engkau tidak akan disucikan lagi sampai Aku melampiaskan murka-Ku terhadapmu.

¹⁴ Aku, Tuhan, telah berfirman. Hal itu akan terjadi dan akan Kulaksanakan. Aku tidak akan melalaikannya, tidak akan berasa hiba, dan tidak akan berbelas kasihan. Engkau akan dihakimi menurut kelakuanmu dan perbuatanmu, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Kematian isteri Yehezkiel sebagai lambang kejatuhan Yerusalem

¹⁵ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,

¹⁶ ‘Wahai anak manusia, ketahuilah, dengan sekonyong-konyong Aku akan mengambil tambatan hatimu dari sisimu. Tetapi jangan meratap, jangan menangis, dan jangan mencururkan air matamu. ¹⁷ Mengeluhlah diam-

diam. Jangan mengadakan ratapan kematian. Lilitkanlah ikat kepalamu dan kenakanlah kasut pada kakimu. Jangan tudung bahagian bawah mukamu dan jangan makan makanan perkabungan.'

¹⁸ Keesokan paginya aku berbicara kepada orang ramai, dan pada waktu maghrib isteriku meninggal. Pada pagi yang berikut aku melakukan seperti yang diperintahkan kepadaku.

¹⁹ Kemudian orang ramai bertanya kepadaku, 'Tidakkah engkau mahu memberitahu kami apa erti yang kaulakukan itu bagi kami?'

²⁰ Jawabku kepada mereka, 'Firman Tuhan datang kepadaku demikian, ²¹ "Katakan kepada keturunan kaum Israel: Beginilah firman Tuhan Allah, 'Ketahuilah, Aku akan mencemarkan tempat suci-Ku, iaitu kekuatanmu yang kamu banggakan, tambatan hatimu, dan kesayangan jiwamu. Anak-anak lelakimu dan anak-anak perempuanmu yang kamu tinggalkan akan tewas oleh pedang. ²² Lalu kamu akan melakukan seperti yang kulakukan: bahagian bawah mukamu tidak akan kamu tudung dan makanan perkabungan tidak akan kamu makan. ²³ Ikat kepala akan kamu pakai di kepalamu dan kasut di kakimu. Kamu tidak akan meratap dan tidak akan menangis, melainkan akan hancur lumat dalam hukumanmu kerana pelanggaranmu dan

akan saling berkeluh-kesah antara satu sama lain.

²⁴ Demikianlah Yehezkiel menjadi suatu tanda bagimu. Kamu akan berbuat seperti semua yang dilakukannya. Ketika hal itu terjadi, kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan Allah.’

²⁵ Mengenai engkau, wahai anak manusia, inilah yang akan terjadi: Pada waktu Aku mengambil benteng mereka daripada mereka, iaitu kemuliaan yang membuat mereka girang, tambatan hati mereka, dambaan jiwa mereka, dan juga anak-anak mereka baik lelaki mahupun perempuan, ²⁶ pada hari itu pula seorang yang terselamat akan datang menemuimu untuk melaporkan berita itu kepadamu. ²⁷ Pada waktu itu mulutmu akan terbuka untuk berbicara dengan orang yang terselamat itu. Engkau akan berbicara dan tidak akan kelu lagi. Demikianlah engkau akan menjadi suatu tanda bagi mereka dan mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Nubuat melawan bani Amon

25 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu kepada bani Amon dan bernubuatlah menentang mereka. ³ Katakan kepada bani Amon, “Dengarlah firman Tuhan

Allah.” Beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana engkau berkata, ‘Syukur!’ mengenai tempat suci-Ku ketika tempat itu dicemari, mengenai Tanah Israel ketika tanah itu dijadikan tandus, dan mengenai keturunan kaum Yehuda ketika mereka pergi kepada pembuangan, ⁴ maka sesungguhnya Aku akan menyerahkan engkau kepada bani Timur sebagai milik. Mereka akan mendirikan perkhemahan mereka dan menempatkan kediaman mereka antara kamu. Buah-buahanmu akan dimakan mereka, dan susu ternakanmu akan diminum mereka. ⁵ Aku akan membuat Raba menjadi padang ragut bagi kawanan unta, dan wilayah bani Amon menjadi tempat kawanan domba berbaring. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

⁶ Oleh sebab beginilah firman Tuhan Allah: Kerana engkau bertepuk tangan, menghentak-hentakkan kaki, dan bergembira atas keadaan Tanah Israel dengan hati penuh kedengkian, ⁷ maka sesungguhnya Aku menghulurkan tangan-Ku untuk melawan engkau serta menyerahkan engkau kepada bangsa-bangsa sebagai rampasan. Aku akan melenyapkan engkau daripada antara suku bangsa dan membinasakan engkau dari berbagai-bagai negeri. Ya, Aku akan memusnahkan engkau, dan engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Nubuat melawan Moab

⁸ Beginilah firman Tuhan Allah, ‘Kerana Moab dan Seir berkata, “Sungguh, keturunan kaum Yehuda itu sama dengan semua bangsa lain,”

⁹ maka sesungguhnya Aku akan membuka lereng-lereng Gunung Moab mulai kota-kotanya, iaitu kota-kota kebanggaan di perbatasan negeri itu: Bet-Yesimot, Baal-Meon, dan Kiryataim.

¹⁰ Aku akan menyerahkannya bersama-sama bani Amon kepada bani Timur sebagai milik, supaya bani Amon tidak diingat lagi dalam kalangan bangsa. ¹¹ Aku akan menjatuhkan hukuman ke atas Moab, dan mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.’

Nubuat melawan orang Edom

¹² Beginilah firman Tuhan Allah, ‘Kerana Edom membalas dendamnya terhadap keturunan kaum Yehuda dan bersalah besar dengan berbuat demikian, ¹³ maka beginilah firman Tuhan Allah, “Aku akan menghulurkan tangan-Ku untuk melawan Edom dan melenyapkan manusia

25:8: Yes 15:1—16:14; 25:10-12; Yer 48:1-47; Am 2:1-3; Zef 2:8-11.

25:12: Yes 34:5-17; 63:1-6; Yer 49:7-22; Yeh 35:1-15; Am 1:11,12; Ob 1:1-14; Mal 1:2-5.

serta binatang di sana. Aku akan membuatnya untuk menjadi reruntuhan. Dari Teman sampai ke Dedan mereka akan tewas oleh pedang.

¹⁴ Aku akan melakukan pembalasan terhadap Edom dengan perantaraan umat-Ku Israel, dan Edom akan diperlakukan menurut murka-Ku dan amarah-Ku. Maka mereka akan tahu bahawa itulah pembalasan-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Nubuat melawan orang Filistin

¹⁵ Beginilah firman Tuhan Allah, ‘Orang Filistin melakukan pembalasan terhadap Yehuda dan membinasakan mereka dengan hati yang penuh kedengkian kerana permusuhan yang tidak henti-hentinya. ¹⁶ Maka beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan menghulurkan tangan-Ku melawan orang Filistin. Aku akan melenyapkan orang Kreti dan membinasakan saki-baki orang lain yang tinggal di tepi laut.

¹⁷ Akan Kulakukan pembalasan yang hebat terhadap mereka disertai hukuman-hukuman kemurkaan. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan ketika Aku mengadakan pembalasan terhadap mereka.’

Nubuat melawan Tirus

26¹ Pada tahun kesebelas, pada hari pertama dalam suatu bulan, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, kerana Tirus berkata mengenai Yerusalem,

“Syukur! Sudah pecah pintu gerbang bangsa-bangsa itu dan sudah terbuka bagiku, Aku akan menjadi makmur sedangkan ia menjadi reruntuhan.”

³ Maka beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu, wahai Tirus.

Aku akan membangkitkan banyak bangsa untuk melawan engkau seperti laut membangkitkan gelombang-gelombangnya.

⁴ Mereka akan memusnahkan tembok-tembok Tirus dan meruntuhkan menara-menaranya. Aku akan menyapu debu tanahnya dan menjadikannya bukit batu yang gondol.

⁵ Dia akan menjadi tempat membentangkan jaring di tengah laut, kerana Aku telah berfirman, demikianlah firman Tuhan Allah.

Dia akan menjadi rampasan bagi bangsa-bangsa.

⁶ Anak-anak perempuannya yang tinggal di daratan akan dibunuh dengan pedang.”

Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

⁷ Beginilah firman Tuhan Allah,

“Ketahuilah, dari utara Aku akan mendatangkan Nebukadnezar, iaitu raja Babel, raja segala raja,

untuk melawan Tirus dengan membawa kuda, rata, pasukan berkuda, dan sejumlah besar tentera.

⁸ Anak-anak perempuanmu yang tinggal di daratan akan dibunuhnya dengan pedang.

Dia akan membuat tembok pengepung, menimbunkan tanggul pengepung, dan mengangkat perisai untuk melawan engkau.

⁹ Dia akan mengarahkan tumbukan alat perosaknya pada tembok-tembokmu, dan akan merobohkan menara-menaramu dengan beliungnya.

¹⁰ Kerana kudanya begitu banyak,

engkau akan ditutupi oleh debunya.
Kerana derap pasukan berkuda, kenderaan
beroda, dan rata,
tembok-tembokmu akan bergetar ketika ia
memasuki pintu gerbangmu seperti orang
memasuki kota yang telah terbongkar.

¹¹ Dengan kaki kuda-kudanya
ia akan menginjak-injak seluruh jalanmu.
Rakyatmu akan dibunuhnya dengan pedang
dan tonggak-tonggak berhalamu yang kukuh
akan dirobuhkan ke tanah.

¹² Mereka akan menjarah kekayaanmu
dan merampas barang-barang daganganmu.
Mereka akan meruntuhkan tembok-tembokmu
dan merobuhkan rumah-rumahmu yang
indah.

Batumu, kayumu, dan debuamu akan dibuang
ke tengah laut.

¹³ Aku akan menghentikan keramaian
nyanyianmu,
dan bunyi kecapimu tidak akan terdengar lagi.

¹⁴ Akan Kujadikan engkau bukit batu yang
gondol,
dan engkau akan menjadi tempat
membentangkan jaring.

Engkau tidak akan dibangun lagi,

kerana Aku, Tuhan, telah berfirman,
demikianlah firman Tuhan Allah.”

¹⁵ Beginilah firman Tuhan Allah kepada Tirus,
“Bukankah daerah pesisir akan gementar
mendengar bunyi kejatuhanmu, ketika kalangan
yang terluka mengerang dan pembunuhan
terjadi di tengah-tengahmu? ¹⁶ Semua pemimpin
kawasan laut akan turun daripada takhta mereka,
meletakkan jubah mereka, dan menanggalkan
pakaian mereka yang bersulam. Dengan diliputi
kegentaran mereka akan duduk di tanah.
Mereka akan berasa gentar setiap saat dan
tercengang-cengang melihat engkau. ¹⁷ Mereka
akan melantunkan suatu ratapan mengenai
engkau dan berkata kepadamu,

“Betapa engkau lenyap, wahai kota kenamaan,
yang diduduki oleh golongan orang yang
bekerja di laut!

Engkau menjadi kuat di laut
bersama dengan pendudukmu.
Engkau mendatangkan ketakutan
kepada semua orang yang tinggal di
dalammu.

¹⁸ Sekarang, daerah pesisir gempar
pada hari kejatuhanmu.

Pulau-pulau di lautan

terkejut mendengar pemergianmu.”

¹⁹ Beginilah firman Tuhan Allah, “Ketika Aku menjadikan engkau kota reruntuhan seperti kota-kota yang tidak berpenghuni, dan ketika Aku menaikkan samudera di atasmu sehingga engkau diliputi oleh limpahan air, ²⁰ Aku bermaksud menurunkan engkau bersama-sama mereka yang turun ke liang kubur untuk menemui bangsa purbakala. Akan Kutempatkan engkau di bahagian bumi yang terbawah seperti reruntuhan purbakala bersama-sama mereka yang turun ke liang kubur, supaya engkau tidak lagi dihuni orang dan Aku mengurniakan kemuliaan di negeri orang yang hidup. ²¹ Aku akan menjadikan engkau suatu kengerian, dan engkau tidak akan ada lagi. Engkau akan dicari, tetapi tidak akan ditemukan lagi untuk selama-lamanya, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Nyanyian ratapan mengenai Tirus

27 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Engkau, wahai anak manusia, lantunkanlah suatu ratapan mengenai Tirus. ³ Katakan kepada Tirus, yang terletak di pintu masuk lautan dan yang berdagang dengan

bangsa di banyak daerah pesisir: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Wahai Tirus, engkau berkata,
‘Aku cantik sempurna.’

⁴ Perbatasanmu di tengah lautan.

Tukang bangunanmu menyempurnakan
kecantikanmu.

⁵ Semua papanmu dibentuk mereka
daripada pokok sanubar Senir.

Kayu araz Lebanon diambil mereka
untuk membuat tiang layar bagimu.

⁶ Dayungmu dibuat mereka daripada pokok oak
di Basan,

dan geladakmu daripada gading
yang ditatah pada kayu sanubar dari pesisir
Siprus.

⁷ Layarmu dibuat daripada linen halus
bersulam, dari Mesir;
itu menjadi panji-panjimu.

Tudungmu dibuat daripada kain biru dan kain
ungu, dari pesisir Elisa.

⁸ Penduduk Sidon dan Arwad menjadi
pendayungmu.

Para ahlimu, wahai Tirus, ada padamu
sebagai pelautmu.

⁹ Orang tua-tua Gebal dan para ahlinya pun ada
padamu,
untuk memperbaiki celah-celah kapalmu.

Segala kapal laut dengan kelasinya
mendatangimu,
untuk berdagang denganmu.

¹⁰ Orang Parsi, orang Lud, dan orang Put
ada dalam pasukanmu sebagai tenteramu.

Mereka menggantungkan perisai dan ketopong
padamu,
mereka menambah semarakmu.

¹¹ Orang Arwad dan pasukanmu ada di
sekeliling tembokmu.

Orang Gamad ada di menara-menaramu.

Mereka menggantungkan perisai di sekeliling
tembokmu. Mereka menyempurnakan
kecantikanmu.

¹² Tarsis berdagang denganmu kerana
banyaknya segala jenis barangmu yang berharga.
Mereka menukar daganganmu dengan perak,
besi, timah putih, dan timah hitam. ¹³ Orang
Yunani, orang Tubal, dan orang Mesekh pun
berdagang denganmu. Mereka menukar barang
daganganmu dengan hamba abdi dan perkakas
tembaga. ¹⁴ Orang dari Bet-Togarma menukar
daganganmu dengan kuda, kuda perang,
dan baghal. ¹⁵ Orang Rodos berdagang pula
denganmu; banyak pulau menjadi daerah
pemasaranmu. Mereka membawa batang
gading dan kayu arang sebagai ufti kepadamu.

¹⁶ Orang Aram^j berniaga denganmu untuk memperoleh berbagai-bagai hasilmu. Mereka menukar daganganmu dengan batu permata firus, kain ungu, kain bersulam, kain linen halus, karang, dan batu delima. ¹⁷ Orang Yehuda dan Tanah Israel juga berdagang denganmu. Mereka menukar barang daganganmu dengan gandum dari Minit, gula-gula, madu, minyak, serta balsam. ¹⁸ Damsyik berniaga denganmu kerana banyaknya hasilmu dan segala jenis barang berharga yang berlimpah-ruah. Mereka menukarnya dengan anggur dari Helbon dan bulu domba dari Sakhar. ¹⁹ Orang Wadan dan Yunani dari Uzal membeli daganganmu; besi tempa, kayu lawang dan tebu wangi ditukar mereka dengan barang daganganmu. ²⁰ Dedan menjual alas pelana untuk menunggang kuda kepadamu. ²¹ Orang Arab dan semua pemimpin Kedar menjual anak domba, domba jantan, dan kambing jantan kepadamu. ²² Pedagang dari Syeba dan Raema juga berdagang denganmu. Mereka menukar daganganmu dengan yang terbaik daripada segala jenis rempah, segala permata, dan emas. ²³ Haran, Kane, Eden, pedagang Syeba, Asyur, dan Kilmad berdagang

^j**27:16** Kebanyakan naskhah Ibrani merujuk kepada Aram; ada naskhah merujuk kepada Edom

juga denganmu. ²⁴ Mereka memperdagangkan jubah yang indah, kain biru bersulam, dan permaidani beraneka warna yang diikat kuat dengan tali di pasarmu.

²⁵ Kapal-kapal Tarsis seperti kafilah membawa barang daganganmu.

Engkau penuh muatan dan amat berat di tengah lautan.

²⁶ Para pendayungmu membawa engkau ke perairan luas.

Namun begitu, angin timur menghancurkan kamu di tengah lautan.

²⁷ Hartamu, daganganmu, barangmu, juga kelasimu dan pelautmu;

orang yang memperbaiki celah kapalmu serta yang menjalankan perdaganganmu;

seluruh tentera yang ada padamu

dan semua awak yang ada di tengah-tengahmu, akan tenggelam di tengah lautan pada hari kejatuhanmu.

²⁸ Apabila mendengar bunyi teriakan pelautmu padang-padang gementar.

²⁹ Semua yang memegang dayung akan turun dari kapal mereka.

Para kelasi dan semua pelaut akan berdiri di daratan.

³⁰ Mereka menyaringkan suara kerana engkau dan menjerit-jerit dengan getir.

Mereka menghamburkan debu ke atas kepala dan berguling-guling dalam debu.

³¹ Mereka menggondolkan kepala kerana engkau,
dan memakai kain perkabungan.

Mereka menangisi engkau dengan hati getir,
dengan ratapan yang getir.

³² Sambil meraung-raung mereka melantunkan
suatu ratapan bagimu,
mereka meratap bagimu,

‘Siapakah seperti Tirus,
yang sudah dibinasakan di tengah lautan?’

³³ Ketika daganganmu datang dari laut,
engkau mengenyangkan banyak bangsa.

Dengan kelimpahan hartamu dan barang
daganganmu engkau memperkaya
raja-raja di bumi.

³⁴ Sekarang engkau dihancurkan di laut,
di perairan yang dalam.

Barang daganganmu dan seluruh awak kapalmu
tenggelam bersama-samamu.

³⁵ Seluruh penduduk pesisir tercengang melihat
engkau.

Raja-raja mereka sangat ketakutan, muka
mereka cemas.

³⁶ Saudagar bangsa-bangsa melontarkan cemuhan kerana engkau.

Engkau telah menjadi suatu kengerian dan tidak akan ada lagi sampai selama-lamannya.” ’

Nubuat melawan raja Tirus

28 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, katakanlah kepada raja Tirus: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Kerana kesombonganmu engkau berkata, ‘Akulah Allah! Aku duduk di takhta Allah, di tengah lautan.’ Padahal engkau manusia, bukan Allah, walaupun engkau menganggap dirimu seperti Allah.

³ Memang, engkau lebih bijaksana daripada Daniel.

Tidak suatu rahsia pun terlindung daripadamu.

⁴ Oleh kebijaksanaanmu dan pengertianmu engkau memperoleh kekayaan.

Engkau mengumpulkan emas dan perak di dalam perbendaharaanmu.

⁵ Kerana engkau sangat bijak dalam hal berniaga,

engkau melipatgandakan kekayaanmu dan menjadi sombong akibat kekayaanmu itu.”

- ⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah,
“Kerana engkau menganggap dirimu seperti
Allah,
⁷ maka sesungguhnya Aku akan mendatangkan
orang asing untuk melawan engkau,
yang terkejam antara segala bangsa.
Mereka akan menghunus pedang mereka
untuk melawan kebijaksanaanmu yang
gemilang,
lalu menajiskan kegemilanganmu.
⁸ Mereka akan menurunkan engkau ke liang
kubur,
dan engkau akan mati seperti orang yang mati
dibunuh di tengah lautan.
⁹ Masihkah engkau akan berkata di hadapan
pembunuhmu, “Akulah Allah”?
Engkau ini manusia, bukan Allah,
di tangan orang yang menikam engkau.
¹⁰ Engkau akan mati seperti orang yang tidak
bersunat di tangan orang asing,
kerana Aku telah berfirman, demikianlah
firman Tuhan Allah.” ’

Nyanyian ratapan mengenai raja Tirus

- ¹¹ Kemudian datanglah firman Tuhan kepadaku
demikian, ¹² ‘Wahai anak manusia, lantunkanlah
suatu ratapan mengenai raja Tirus dan katakan
kepadanya: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Engkau gambaran kesempurnaan,
penuh kebijaksanaan dan cantik sempurna.

¹³ Engkau ada di taman firdaus – taman Allah –
di Eden.

Segala permata menghiasimu:

 akik merah, manikam kuning, dan intan;
 topaz, unam, dan yaspis; nilam, firus, dan
 zamrud.

Tempat tahananmu dibuat daripada emas,
semua itu telah disiapkan pada hari
penciptaanmu.

¹⁴ Engkau ialah malaikat kerubin yang dilantik
sebagai penjaga,

kerana demikianlah Aku menetapkan engkau.

Engkau ada di gunung Allah yang suci,
berjalan di tengah-tengah batu berapi.

¹⁵ Engkau sempurna dalam perilakumu sejak
hari engkau diciptakan sampai kezaliman
didapati padamu.

¹⁶ Dengan banyaknya perniagaanmu engkau
dipenuhi kekerasan,
dan engkau berbuat dosa.

Aku telah membuang engkau sebagai sesuatu
yang cemar dari gunung Allah.

Aku melenyapkan engkau, wahai malaikat
kerubin yang berjaga,
daripada antara batu-batu berapi.

¹⁷ Engkau sombong kerana kecantikanmu.

Kebijaksanaanmu kaurosakkan demi kegemilanganmu.

Aku mencampakkan engkau ke bumi,
Aku menyerahkan engkau ke hadapan raja-raja untuk menjadi tontonan mereka.

¹⁸ Oleh banyaknya kesalahanmu dalam perniagaanmu yang curang itu engkau mencemari tempat sucimu.

Oleh sebab itu Aku memancarkan api daripada tengah-tengahmu yang akan menghanguskan engkau.

Kujadikan engkau abu di atas bumi, di hadapan mata semua yang menyaksikan kamu.

¹⁹ Semua yang mengenal engkau dalam kalangan bangsa tercengang kerana engkau.

Engkau menjadi suatu kengerian dan tidak akan ada lagi untuk selama-lamanya.” ’

Nubuat melawan Sidon

²⁰ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,
²¹ ‘Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu kepada Sidon dan bernubuatlah menentanginya.

²² Katakan: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu,
wahai Sidon.

Aku akan menyatakan kemuliaan-Ku di
tengah-tengahmu.

Pada waktu Aku menjatuhkan hukuman
terhadapnya dan menyatakan kesucian-Ku
kepadanya,

mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

²³ Aku akan mendatangkan wabak penyakit
terhadapnya,
dan darah akan tertumpah di jalan-jalannya.

Orang yang terbunuh akan bergelimpangan di
tengah-tengahnya

oleh pedang yang melawannya dari segala
penjuru.

Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

²⁴ Tidak akan ada lagi duri yang mencucuk atau
onak yang menyakiti keturunan kaum Israel
daripada semua orang di sekitar mereka yang
telah menghina mereka. Maka mereka akan tahu
bahawa Akulah Tuhan Allah.”

²⁵ Beginilah firman Tuhan Allah, “Setelah Aku
mengumpulkan keturunan kaum Israel daripada
kalangan bangsa tempat mereka dicerai-beraikan
dan menyatakan kesucian-Ku kepada mereka
di hadapan mata bangsa-bangsa, barulah
mereka akan tinggal di tanah mereka yang telah
Kukurniakan kepada hamba-Ku Yakub. ²⁶ Mereka

akan tinggal di sana dengan aman. Mereka akan membina rumah dan menanami kebun anggur. Ya, mereka akan tinggal dengan aman setelah Aku menjatuhkan hukuman terhadap semua orang di sekitar mereka yang telah menghina mereka. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan, Allah mereka.'

Nubuat melawan Mesir dan Firaun

29¹ Pada tahun kesepuluh, tepatnya pada hari kedua belas dalam bulan kesepuluh, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,
² 'Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu kepada Firaun, raja Mesir, lalu bernubuatlah menentanginya dan seluruh Mesir.³ Berbicaralah dan katakan: Beginilah firman Tuhan Allah,
 "Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu, wahai Firaun, raja Mesir, ular naga besar yang berbaring di tengah anak-anak sungaimu dan yang berkata, 'Sungai Nil milikku, aku yang menjadikannya.'
⁴ Aku akan mengenakan kelikir pada rahangmu dan membuat ikan dari anak-anak sungaimu melekat pada sisikmu.

Akan Kuangkat engkau dari tengah anak-anak sungaimu

bersertakan segala ikannya yang melekat pada sisikmu,

⁵ lalu akan Kutinggalkan engkau di gurun, bersertakan semua ikan dari anak-anak sungaimu.

Engkau akan terkapar-kapar di padang terbuka dan tidak akan dikuburkan atau dipungut.

Aku akan memberikan engkau sebagai makanan kepada binatang liar dan burung di udara.

⁶ Maka seluruh penduduk Mesir akan tahu bahawa Akulah Tuhan, kerana engkau hanyalah seperti tongkat buluh bagi keturunan kaum Israel.

⁷ Ketika mereka menggenggam engkau di tangan, engkau patah dan melukai bahu mereka semua. Ketika mereka bertopang padamu, engkau patah dan membuat pinggang mereka semua gementar.”

⁸ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Ketahuilah, Aku akan mendatangkan pedang terhadapmu dan melenyapkan manusia serta binatang daripadamu. ⁹ Tanah Mesir akan

menjadi tandus dan menjadi reruntuhan. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

Kerana raja itu berkata, 'Sungai Nil milikku, aku yang menjadikannya,'¹⁰ maka sesungguhnya Aku akan menjadi lawanmu dan lawan anak-anak sungaimu. Aku akan membuat Tanah Mesir untuk menjadi reruntuhan dan sunyi sepi, dari Migdol ke Siene sampai ke daerah Kush.¹¹ Tidak ada manusia ataupun binatang yang akan melintasinya. Selama empat puluh tahun negeri itu tidak akan dihuni.¹² Aku akan menjadikan Tanah Mesir sunyi sepi di antara negeri lain yang dibinasakan. Kota-kotanya akan menjadi sunyi sepi selama empat puluh tahun di antara kota lain yang menjadi reruntuhan. Aku akan mencerai-beraikan orang Mesir di antara segala bangsa dan menyerakkan mereka di berbagai-bagai negeri.

¹³ Akan tetapi, beginilah firman Tuhan Allah: Pada akhir kurun waktu empat puluh tahun itu Aku akan mengumpulkan orang Mesir daripada kalangan bangsa tempat mereka dicerai-beraikan.¹⁴ Aku akan memulihkan keadaan Mesir dan membawa mereka kembali ke Tanah Patros, iaitu tanah asal mereka. Di sana mereka akan menjadi kerajaan yang lemah.¹⁵ Dia akan menjadi yang terlemah antara kerajaan dan tidak dapat meninggikan diri lagi kepada

bangsa-bangsa. Aku akan menjadikan mereka begitu lemah sehingga mereka tidak akan lagi memerintah bangsa-bangsa. ¹⁶ Keturunan kaum Israel pun tidak akan menaruh harapan kepada Mesir lagi. Sebaliknya, mereka akan mengingat kesalahan mereka ketika mereka berpaling kepada Mesir dahulu untuk meminta pertolongan. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan Allah.” ’

Mesir menjadi upah bagi Raja Nebukadnezar

¹⁷ Pada tahun kedua puluh tujuh, tepatnya pada hari pertama dalam bulan pertama, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁸ ‘Wahai anak manusia, Nebukadnezar raja Babel menyuruh pasukannya bekerja keras melawan Tirus. Semua kepala sudah gondol dan semua bahu sudah lecet, tetapi dia serta pasukannya tidak mendapat hasil dari Tirus atas usaha yang dilakukannya untuk melawan negeri itu. ¹⁹ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Ketahuilah, Aku akan mengurniakan Tanah Mesir kepada Nebukadnezar, raja Babel. Dia akan mengangkut kekayaannya, melakukan penjarahan, dan mengadakan perampasan. Itulah upah bagi pasukannya. ²⁰ Tanah Mesir akan Kukurniakan kepadanya sebagai upah

pekerjaannya, kerana mereka telah bekerja bagi-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah.

²¹ Pada waktu itu Aku akan menumbuhkan kejayaan bagi keturunan kaum Israel dan Aku akan mengizinkan engkau membuka mulut lagi di antara mereka. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.’

Hukuman Allah terhadap Mesir

30 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, bernubuatlah dan katakan: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Meraung-raunglah,
‘Aduh, hari itu!’

³ kerana hari itu sudah dekat.

Hari Tuhan sudah dekat,
suatu hari yang berawan.

Itulah penghakiman bagi bangsa-bangsa.

⁴ Pedang mendatangi Tanah Mesir dan rasa nyeri melanda Kush

ketika orang yang terbunuh bergelimpangan di Mesir.

Kekayaannya direbut dan dasar-dasarnya dibongkar.

⁵ Orang Kush, orang Put, orang Lud, seluruh Tanah Arab, orang Libya, dan orang dari

negeri sekutu mereka akan tewas oleh pedang bersama-sama mereka.”

⁶ Beginilah firman Tuhan,

“Orang yang membantu Mesir akan tewas dan kekuatan yang dibanggakannya akan diruntuhkan.

Dari Migdol sampai ke Siene mereka akan tewas oleh pedang, demikianlah firman Tuhan Allah.

⁷ Mereka akan dibinasakan di antara negeri lain yang dibinasakan dan kota-kotanya berada di antara kota lain yang menjadi reruntuhan.

⁸ Mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan ketika Aku menyalakan api di Mesir sehingga semua yang membantunya dihancurkan.

⁹ Pada waktu itu utusan-utusan-Ku akan pergi dengan kapal untuk mengejutkan orang Kush yang hidup aman itu. Rasa nyeri akan melanda mereka pada waktu Mesir dihukum, kerana sungguh, hari itu akan datang.”

¹⁰ Beginilah firman Tuhan Allah,

“Aku akan melenyapkan kekayaan Mesir dengan perantaraan Nebukadnezar, raja Babel.

¹¹ Dia dan pasukannya – yang terkejut dalam kalangan bangsa – akan dibawa untuk memusnahkan negeri itu.

Mereka akan menghunus pedang mereka
untuk melawan Mesir
dan memenuhi negeri itu dengan orang yang
terbunuh.

¹² Aku akan mengeringkan Sungai Nil
dan menyerahkan negeri itu ke dalam tangan
kalangan jahat.

Akan Kubinasakan negeri itu dan segala isinya
dengan perantaraan orang asing.

Aku, Tuhan, telah berfirman.”

¹³ Beginilah firman Tuhan Allah,
“Aku akan membinasakan berhala-berhala
dan melenyapkan patung-patung daripada
Memfis.

Tidak akan ada lagi raja di Tanah Mesir,
dan Aku akan mendatangkan ketakutan di
Tanah Mesir.

¹⁴ Aku akan membinasakan Patros,
menyalakan api di Zoan,
dan menjatuhkan hukuman terhadap Tebe.

¹⁵ Akan Kucurahkan murka-Ku terhadap Sin,
benteng Mesir itu,
dan Kulenyapkan kekayaan Tebe.

¹⁶ Aku pun akan menyalakan api di Mesir.
Sin akan sangat gementar, dan Tebe akan
dibongkar,

manakala Memfis akan menghadapi lawan pada siang hari.

¹⁷ Pemuda On dan Pi-Beset akan tewas oleh pedang.

Penduduk kota-kota itu akan pergi ke tempat penawanan.

¹⁸ Di Tahpanhes, siang akan menggelap ketika Aku mematahkan kuk Mesir di sana.

Kekuatan yang dibanggakannya akan lenyap.

Dia akan diselimuti awan,

dan anak-anak perempuannya akan pergi ke tempat penawanan.

¹⁹ Demikianlah akan Kujatuhkan hukuman terhadap Mesir,

dan mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Kekuasaan Mesir berakhir

²⁰ Pada tahun kesebelas, tepatnya pada hari ketujuh dalam bulan pertama, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ²¹ ‘Wahai anak manusia, Aku telah mematahkan lengan kekuasaan Firaun, raja Mesir. Lihatlah, lengan itu tidak dibalut supaya sembuh atau dibebat supaya kuat kembali untuk memegang pedang.

²² Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawan Firaun, raja Mesir. Akan Kupatahkan lengannya, baik

yang masih kuat mahupun yang telah patah, dan akan Kujatuhkan pedang daripada tangannya. ²³ Aku akan menceraikan-beraikan orang Mesir dalam kalangan bangsa dan menyerakkan mereka di pelbagai negeri. ²⁴ Lengan raja Babel akan Kukuatkan dan pedang-Ku akan Kuberikan kepadanya. Tetapi lengan Firaun akan Kupatahkan sehingga dia akan mengerang di hadapan raja Babel seperti orang yang terluka. ²⁵ Kemudian Aku akan menguatkan tangan raja Babel, tetapi lengan Firaun akan jatuh terkulai. Ketika Aku memberikan pedang-Ku kepada raja Babel dan ketika dia menghulurkannya untuk melawan Tanah Mesir, mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ²⁶ Aku akan menceraikan-beraikan orang Mesir dalam kalangan bangsa dan menyerakkan mereka di pelbagai negeri. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Firaun dilambangkan sebagai pokok araz yang ditebang

31 ¹ Pada tahun kesebelas, tepatnya pada hari pertama dalam bulan ketiga, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, katakanlah kepada raja Mesir Firaun dan kepada rakyatnya, “Siapakah yang dapat menyamai engkau dalam kebesaranmu?

³ Lihatlah, engkau menyamai orang Asyur,
yang serupa pokok araz di Lebanon.
Cabang-cabangnya elok, menaungi hutan.
Ia menjulang tinggi,
dan pucuknya yang teratas ada di antara
cabang yang rendang.

⁴ Air membuatnya besar,
mata air yang dalam membuatnya tinggi.
Sungai-sungainya mengalir,
mengelilingi tempat ia ditanam.
Saluran-salurannya menjangkau
segala pokok di padang.

⁵ Oleh sebab itu ia menjulang tinggi
melebihi segala pokok di padang.
Cabangnya menjadi banyak
dan dahan-dahannya memanjang akibat
limpahan air dalam pertumbuhannya.

⁶ Segala burung di udara
bersarang pada cabangnya.
Segala binatang liar
beranak di bawah dahannya.
Segala bangsa besar
duduk di bawah naungannya.

⁷ Ia elok kerana besarnya
dan kerana ranting-rantingnya yang panjang,
kerana akarnya berada dekat air yang
berlimpahan.

⁸ Pokok-pokok araz di taman Allah
tidak dapat menyainginya.

Pokok-pokok sanubar
tidak dapat menyamai cabang-cabangnya,
dan pokok-pokok berangan
tidak dapat dibandingkan dengan
dahan-dahannya.

Segala pokok di taman Allah
tidak dapat menyamainya dalam hal
keelokannya.

⁹ Aku menjadikannya elok
dengan banyak rantingnya.
Maka dengkilah segala pokok di taman firdaus
– taman Allah – di Eden.

¹⁰ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah,
“Hatinya menjadi sombong kerana ia menjulang
tinggi dan pucuknya yang teratas menjulur di
antara cabang yang rendang. ¹¹ Oleh sebab itu,
Aku menyerahkannya ke dalam tangan seorang
yang berkuasa dalam kalangan bangsa asing,
dan akan memperlakukan dia selaras dengan
kefasiqannya. Aku menghalaunya. ¹² Golongan
orang asing yang terkejam dalam kalangan
bangsa menebang dan menterlantarkannya.
Di atas gunung-gunung dan di segala lembah,
rantingnya berguguran. Patahan dahannya ada

di semua alur sungai negeri itu. Semua bangsa di bumi pergi meninggalkan naungannya dan menterlantarkannya. ¹³ Segala burung di udara hinggap di atas batangnya yang tumbang dan segala binatang liar ada di dahan-dahannya.

¹⁴ Semua itu terjadi supaya tidak ada lagi pokok di tepi air itu tumbuh menjulang tinggi atau menjulurkan pucuknya yang teratas di antara cabang yang rendang, dan tidak ada lagi pokok besar yang dapat berdiri tinggi-tinggi walaupun banyak menyerap air, kerana semuanya telah ditentukan untuk mati di bahagian bumi yang terbawah, di antara anak manusia yang turun ke liang kubur.”

¹⁵ Beginilah firman Tuhan Allah, “Pada hari ia turun ke alam kubur, Kusuruh semua berkabung kerananya. Kutudung mata air yang dalam kerananya, dan Kutahan sungai-sungainya sehingga limpahan air terbendung. Lebanon Kubuat berdukacita kerananya, segala pokok di padang pun merana kerananya. ¹⁶ Aku membuat bangsa-bangsa gementar mendengar bunyi tumbangnya ketika Kuturunkannya ke alam kubur bersama-sama mereka yang turun ke liang kubur. Segala pokok taman Eden, yang terpilih dan terbaik dari Lebanon, segala pokok yang menyerap air, akan berasa terhibur di bahagian bumi yang terbawah. ¹⁷ Mereka juga

turun ke alam kubur bersama-samanya untuk menemui kalangan yang terbunuh oleh pedang dan kalangan bangsa yang duduk di bawah naungannya.

¹⁸ Dalam hal kemuliaan dan kebesaran, dengan siapa engkau dapat disamakan antara pokok taman Eden? Akan tetapi, engkau akan diturunkan bersama-sama pokok-pokok taman Eden ke bahagian bumi yang terbawah. Engkau akan terbujur antara orang yang tidak bersunat, bersama-sama orang yang terbunuh oleh pedang.

Itulah Firaun dan seluruh rakyatnya, demikianlah firman Tuhan Allah.'

Nyanyian ratapan mengenai Firaun

32 ¹ Pada tahun kedua belas, tepatnya pada hari pertama dalam bulan kedua belas, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² 'Wahai anak manusia, lantunkanlah suatu ratapan mengenai Firaun, raja Mesir, dan katakan kepadanya,

"Engkau menyamakan diri dengan singa muda dalam kalangan bangsa, tetapi engkau seperti naga di laut.

Engkau membuat sungai-sungaimu bergelora dan mengeruhkan airnya dengan kakimu sehingga sungai-sungainya menjadi kotor."

- ³ Beginilah firman Tuhan Allah,
'Aku akan membentangkan jaring-Ku atasmu
dengan sejumlah besar bangsa,
dan mereka akan mengangkat engkau ke
dalam jaring-Ku.
- ⁴ Akan Kubuang engkau ke tanah,
dan Kucampakkan engkau ke padang
terbuka.
Aku akan menyuruh segala burung di udara
hinggap padamu,
dan mengenyangkan binatang seluruh bumi
dengan dagingmu.
- ⁵ Akan Kuletakkan dagingmu di atas
gunung-gunung
dan Kupenuhi lembah-lembah dengan
saki-baki bangkaimu.
- ⁶ Akan Kubanjiri tanah dengan aliran darahmu
sampai ke gunung-gunung.
Alur-alur sungai akan penuh dengan dagingmu.
- ⁷ Ketika Aku memadamkan engkau, Aku akan
menudungi langit
dan membuat bintang-bintangnya menggelap.
Matahari akan Kutudung dengan awan dan
bulan tidak akan memancarkan sinarnya.

- ⁸ Segala yang memancarkan sinar di langit akan Kugelapkan kerana engkau.
Aku akan mendatangkan kegelapan terhadap negerimu,
demikianlah firman Tuhan Allah.
- ⁹ Akan Kususahkan hati banyak bangsa ketika khabar kehancuranmu Kusiarkan kepada bangsa di negeri-negeri yang tidak kaukenal.
- ¹⁰ Banyak bangsa akan Kubuat tercengang melihat engkau.
Raja-rajanya akan sangat ketakutan melihat engkau ketika Kuayunkan pedang-Ku di hadapan mereka.
Mereka akan berasa gentar setiap saat.
Setiap orang mencemaskan nyawanya sendiri pada hari kejatuhanmu.'
- ¹¹ Beginilah firman Tuhan Allah,
'Pedang raja Babel akan mendatangi engkau.
- ¹² Akan Kutewaskan rakyatmu dengan pedang kesateria,
semua kesateria yang terkejam dalam kalangan bangsa.
Mereka akan meruntuhkan kebongkakan Mesir, dan seluruh rakyatnya akan dipunahkan.
- ¹³ Aku akan membinasakan segala binatangnya dari tepi air yang berlimpahan.

Kaki manusia tidak akan mengeruhkan airnya lagi,

demikian juga kaki binatang.

¹⁴ Pada waktu itu Aku akan menjernihkan airnya dan mengalirkan sungai-sungainya seperti minyak,

demikianlah firman Tuhan Allah.

¹⁵ Ketika Aku menjadikan Tanah Mesir sunyi sepi hingga tanah itu kehilangan segala isinya,

dan ketika Aku mengazab seluruh penduduknya, mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.'

¹⁶ Inilah ratapan yang akan dinyanyikan oleh kaum perempuan pelbagai bangsa bagi Mesir dan seluruh rakyatnya, demikianlah firman Tuhan Allah." '

Mesir diturunkan ke alam kubur

¹⁷ Pada tahun kedua belas, pada hari kelima belas dalam bulan itu, datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,

¹⁸ 'Wahai anak manusia, ratupilah rakyat Mesir. Serahkanlah mereka dan juga puteri bangsa-bangsa yang hebat itu ke bahagian bumi yang terbawah bersama-sama golongan orang yang turun ke liang kubur.

¹⁹ "Engkau lebih cantik daripada siapa?

Turunlah dan terbujurlah bersama-sama orang yang tidak bersunat.”

²⁰ Mereka akan rebah di antara golongan yang terbunuh oleh pedang. Pedang telah dihunus, seretlah dia dan seluruh rakyatnya.

²¹ Mengenainya, kesateria yang terkuat beserta pembantu-pembantu mereka akan berbicara dari tengah-tengah alam kubur, “Mereka, iaitu golongan yang tidak bersunat yang terbunuh oleh pedang, telah turun ke mari dan terbujur.”

²² Di sana ada Asyur dengan seluruh pasukannya yang terkubur di sekelilingnya. Mereka semua tewas terbunuh oleh pedang, ²³ lalu terkubur di tempat yang terdalam; kuburan pasukannya ada di sekeliling kuburnya. Mereka, yang dahulu menimbulkan rasa takut di negeri orang hidup, semuanya tewas terbunuh oleh pedang.

²⁴ Di sana ada Elam dengan seluruh rakyatnya yang terkubur di sekelilingnya. Mereka semua tewas terbunuh oleh pedang, dan turun tanpa bersunat ke bahagian bumi yang terbawah. Dahulu mereka menimbulkan rasa takut di negeri orang hidup, namun kini mereka pun menanggung aib bersama-sama orang yang turun ke liang kubur. ²⁵ Bagi dia dan seluruh rakyatnya disediakan tempat tidur di antara golongan yang terbunuh; kuburan rakyatnya ada di sekelilingnya. Mereka semua tidak bersunat

dan terbunuh oleh pedang, lalu ditempatkan di antara golongan lain yang terbunuh, kerana dahulu mereka menimbulkan rasa takut di negeri orang hidup. Kini mereka menanggung aib bersama-sama orang yang turun ke liang kubur.

²⁶ Di sana ada Mesekh dan Tubal dengan seluruh rakyatnya yang terkubur di sekelilingnya. Mereka semua tidak bersunat lalu terbunuh oleh pedang, kerana mereka menimbulkan rasa takut di negeri orang hidup. ²⁷ Mereka tidak dibaringkan bersama-sama kesateria tidak bersunat yang telah gugur, iaitu kesateria yang turun ke alam kubur dengan peralatan perang mereka dan dengan pedang di bawah kepala mereka. Hukuman bagi mereka ditanggungkan atas tulang-tulang mereka, meskipun dahulu rasa takut terhadap para kesateria itu pernah melanda negeri orang hidup.

²⁸ Wahai Firaun, engkau akan dihancurkan di antara golongan yang tidak bersunat dan dibaringkan bersama-sama kalangan yang terbunuh oleh pedang.

²⁹ Di sana ada Edom dengan raja-raja dan semua pemimpinnya. Meskipun dahulu mereka berkuasa, mereka pun ditempatkan bersama-sama orang yang terbunuh oleh pedang, dibaringkan bersama dengan orang yang

tidak bersunat dan orang yang turun ke liang kubur.

³⁰ Semua anak raja tanah utara dan semua orang Sidon ada pula di sana. Mereka turun dengan rasa malu bersama-sama golongan yang terbunuh, meskipun ketika berkuasa mereka menimbulkan rasa takut. Mereka dibaringkan tanpa bersunat bersama-sama golongan yang terbunuh oleh pedang, dan menanggung aib bersama-sama orang yang turun ke liang kubur.

³¹ Ketika Firaun melihat mereka semua – Firaun dan seluruh pasukannya terbunuh oleh pedang – dia berasa terhibur atas nasib seluruh rakyatnya, demikianlah firman Tuhan Allah.

³² Aku memang membiarkan dia menimbulkan rasa takut di negeri orang hidup, namun dia akan dibaringkan di antara orang tidak bersunat, bersama dengan golongan yang terbunuh oleh pedang. Itulah Firaun dan seluruh rakyatnya, demikianlah firman Tuhan Allah.'

Nubuat pengharapan bagi Israel

Tugas Yehezkiel sebagai penjaga

33 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² 'Wahai anak manusia, berbicaralah kepada orang sebangsa denganmu dan katakanlah kepada mereka, "Seandainya

Aku mendatangkan pedang terhadap sebuah negeri lalu rakyat negeri itu memilih seorang daripada kalangan mereka untuk menjadi penjaga. ³ Orang ini kemudian melihat pedang mendatangi negeri itu dan meniup sangkakala untuk memberikan amaran kepada umat. ⁴ Jika seseorang mendengar bunyi sangkakala itu tetapi tidak mengendahkan peringatan itu sehingga pedang datang merenggut nyawanya, maka darahnya tertanggung atas dirinya sendiri. ⁵ Atas sebab dia mendengar bunyi sangkakala namun tidak mengendahkan amaran itu, maka darahnya tertanggung kepada dirinya sendiri. Seandainya dia mengendahkan peringatan itu, tentu nyawanya terselamat. ⁶ Sebaliknya, seandainya penjaga itu melihat pedang datang namun dia tidak meniup sangkakala lantas umat tidak mendapat amaran yang sepatutnya, maka ketika pedang datang merenggut nyawa seorang daripada kalangan mereka, orang itu akan dibinasakan dalam kesalahannya, tetapi darahnya akan Kutuntut daripada tangan penjaga itu.

⁷ Wahai anak manusia, engkau telah Kutetapkan untuk menjadi penjaga bagi keturunan kaum Israel. Oleh sebab itu dengarlah firman daripada-Ku dan peringatkanlah mereka atas nama-Ku.

⁸ Jika Aku berfirman kepada orang fasiq, 'Wahai

orang fasiq, engkau pasti mati,' tetapi engkau tidak berbicara untuk mengingatkan orang fasiq itu mengenai jalan hidupnya, maka orang fasiq itu akan mati dalam kesalahannya. Namun begitu, darahnya akan Kutuntut daripada tanganmu. ⁹Sebaliknya, jika engkau mengingatkan orang fasiq itu supaya bertaubat daripada jalan hidupnya tetapi dia tidak mahu bertaubat daripada jalan hidupnya, maka dia akan mati dalam kesalahannya. Akan tetapi, engkau telah menyelamatkan nyawamu.

¹⁰ Engkau, wahai anak manusia, katakanlah kepada keturunan kaum Israel: Kamu berkata demikian, 'Pelanggaran dan dosa kami sudah bertanggung atas kami sehingga kami hancur lumat olehnya. Bagaimanakah kami dapat tetap hidup?' ¹¹ Katakanlah kepada mereka, 'Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, Aku tidak menyukai kematian orang fasiq. Aku mahu agar orang fasiq bertaubat daripada perilakunya, supaya dia hidup. Bertaubatlah! Bertaubatlah daripada perilikumu yang jahat itu! Mengapakah kamu harus mati, wahai keturunan kaum Israel?'
”

¹² Engkau, wahai anak manusia, katakanlah kepada orang sebangsa denganmu, 'Orang benar tidak akan diselamatkan oleh perbenarannya ketika dia melakukan pelanggaran, dan orang

fasiq tidak akan dijatuhkan oleh kefasiqannya pada waktu dia bertaubat daripada kefasiqannya. Orang benar tidak akan dapat hidup kerana perbenarannya pada waktu dia berbuat dosa.

¹³ Kalau Aku berfirman kepada orang benar, “Engkau pasti hidup,” tetapi dia meyakini kebenarannya lalu melakukan kezaliman, maka segala perbuatannya yang benar tidak akan diingat lagi. Dia harus mati dalam kezaliman yang dilakukannya. ¹⁴ Sebaliknya, kalau Aku berfirman kepada orang fasiq, “Engkau pasti mati,” tetapi dia bertaubat daripada dosanya dan menegakkan apa yang adil serta yang benar – ¹⁵ orang fasiq itu mengembalikan gadaian orang, membayar ganti rugi rampasannya, hidup menurut ketetapan-ketetapan yang mendatangkan kehidupan, dan tidak melakukan kezaliman – maka dia pasti hidup dan tidak akan mati. ¹⁶ Segala dosa yang dilakukannya tidak akan diingat lagi. Dia pasti hidup, kerana dia telah menegakkan apa yang adil dan benar.

¹⁷ Akan tetapi, orang sebangsa denganmu berkata, “Jalan Tuhan tidak adil.” Padahal, jalan merekalah yang tidak adil. ¹⁸ Kalau orang benar berbalik daripada kebenarannya dan melakukan kezaliman, dia akan mati kerananya. ¹⁹ Sebaliknya, kalau orang fasiq berbalik daripada kefasiqannya dan menegakkan apa yang adil serta

benar, dia akan hidup kerananya. ²⁰ Walaupun demikian, kamu berkata, “Jalan Tuhan tidak adil.” Oleh itu, Aku akan menghakimi kamu menurut perilaku masing-masing, wahai keturunan kaum Israel.’

Berita kejatuhan Yerusalem

²¹ Pada tahun kedua belas masa pembuangan kami, tepatnya pada hari kelima dalam bulan kesepuluh, seorang yang terselamat dari Yerusalem datang kepadaku. Katanya, ‘Kota itu telah dikalahkan!’ ²² Malam hari sebelum kedatangan orang yang terselamat itu kuasa Tuhan meliputi aku, lalu pagi hari ketika orang itu datang kepadaku Tuhan membuka mulutku. Demikianlah mulutku terbuka dan aku tidak kelu lagi.

Israel berkeras hati di negerinya dan dalam pembuangan

²³ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ²⁴ ‘Wahai anak manusia, penghuni reruntuhan kota di Tanah Israel ini berkata, “Abraham seorang sahaja dan dapat memusakai negeri ini, sedangkan kita ramai. Tentulah negeri itu dikurniakan kepada kita sebagai milik.”’

²⁵ Oleh sebab itu katakanlah kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Kamu makan daging berserta darahnya, memuja berhala-berhalamu, dan menumpahkan darah orang – masakan kamu dapat memiliki tanah ini? ²⁶ Kamu menaruh harapan kepada pedangmu, melakukan kekejian, dan masing-masing menodai isteri jirannya – masakan kamu dapat memiliki negeri ini?”

²⁷ Katakanlah hal ini kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Demi Aku yang hidup, sesungguhnya orang yang tinggal di reruntuhan-reruntuhan akan tewas oleh pedang, orang yang tinggal di padang terbuka akan Kuserahkan kepada binatang liar sebagai makanan, dan orang yang tinggal di kubu serta gua akan mati oleh wabak penyakit. ²⁸ Negeri itu akan Kujadikan sunyi sepi dan tandus. Kekuatan yang dibanggakannya akan lenyap. Gunung-ganang Israel akan menjadi sunyi sehingga tidak ada yang melintasinya. ²⁹ Ketika Aku menjadikan negeri itu sunyi sepi dan tandus kerana segala kekejian yang dilakukan mereka itu, mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.”

³⁰ Mengenai engkau, wahai anak manusia, orang sebangsa denganmu berbicara tentang engkau berdekatan dengan tembok dan di pintu-pintu rumah. Kata mereka satu sama lain,

masing-masing kepada temannya, “Mari kita dengar firman yang akan disampaikan Tuhan.”³¹ Mereka pun datang kepadamu berduyun-duyun lalu duduk di hadapanmu sebagai umat-Ku. Mereka mendengar perkataanmu, tetapi tidak melakukannya. Dengan mulut mereka menyatakan kasih, tetapi hati mereka mengejar laba haram.³² Sesungguhnya, bagi mereka engkau seperti orang yang menyanyikan lagu cinta dengan suara merdu dan orang yang bermain kecapi dengan baik, kerana mereka mendengar perkataanmu tetapi tidak melakukannya.³³ Pada waktu semua itu terjadi – ya, pasti terjadi – mereka akan tahu bahawa ada seorang nabi di tengah-tengah mereka.’

Allah melawan gembala yang durjana

34¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,² ‘Wahai anak manusia, bernubuatlah menentang para gembala Israel. Bernubuatlah dan katakan kepada mereka, kepada para gembala itu: Beginilah firman Tuhan Allah, “Malangnya para gembala Israel yang hanya mengurus diri sendiri! Bukankah gembala seharusnya mengurus dombanya?³ Lemaknya kamu nikmati, bulunya kamu jadikan pakaian, dan yang gemuk kamu sembelih, tetapi domba itu sendiri tidak kamu beri makan.⁴ Yang lemah

tidak kamu kuatkan, yang sakit tidak kamu ubati, yang luka tidak kamu balut, yang terhalau tidak kamu bawa pulang, dan yang hilang tidak kamu cari. Kamu menguasai mereka dengan kekerasan dan kebengisan. ⁵ Mereka tercerai-berai kerana tidak bergembala, dan kerana tercerai-berai, mereka menjadi makanan bagi segala binatang liar. ⁶ Domba-Ku tersesat di semua gunung dan di atas semua bukit yang tinggi. Mereka tercerai-berai di seluruh muka bumi tanpa ada yang memperhatikan ataupun mencari mereka.

⁷ Oleh sebab itu, wahai para gembala, dengarlah firman Tuhan: ⁸ Demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, sesungguhnya kerana domba-Ku menjadi mangsa dan makanan segala binatang liar akibat tidak ada yang menggembala, dan kerana para gembala-Ku tidak memperhatikan domba-Ku, melainkan hanya mengurus diri sendiri sedangkan domba-Ku tidak diurus mereka, ⁹ maka dengarlah firman Tuhan, wahai para gembala. ¹⁰ Beginilah firman Tuhan Allah: Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawan para gembala itu. Aku akan menuntut domba-Ku daripada tangan mereka dan memecat mereka daripada pekerjaan menggembala domba. Para gembala itu tidak boleh mengurus diri mereka

sendiri lagi. Aku akan melepaskan domba-Ku daripada mulut mereka sehingga tidak menjadi makanan mereka lagi.

¹¹ Kerana beginilah firman Tuhan Allah: Sesungguhnya, Aku sendiri akan memperhatikan domba-Ku dan mencari mereka. ¹² Seperti seorang gembala mencari dombanya ketika domba itu tercerai daripada kawanannya, demikianlah Aku akan mencari domba-Ku dan menyelamatkan mereka dari semua tempat mereka tercerai-berai pada hari yang berawan dan kelam pekat. ¹³ Aku akan membawa mereka daripada kalangan bangsa dan mengumpulkan mereka dari berbagai-bagai negeri lalu membawa mereka ke tanah mereka. Aku akan menggembala mereka di atas gunung-gunung Israel, di alur-alur sungainya, dan di semua tempat yang dihuni orang di negeri itu. ¹⁴ Aku akan menggembala mereka di padang rumput yang baik. Padang ragut mereka akan ada di atas gunung-gunung Israel yang tinggi. Di sana, di atas gunung-gunung Israel itu, mereka akan berbaring di padang ragut yang baik dan akan merumput di padang rumput yang subur. ¹⁵ Aku sendiri akan menggembala domba-Ku dan Aku akan membaringkan mereka, demikianlah firman Tuhan Allah.

¹⁶ Yang hilang akan Kucari, yang terhalau akan Kubawa pulang, yang luka akan Kubalut, dan

yang lemah akan Kukuatkan, tetapi yang gemuk dan yang kuat akan Kubinasakan. Aku akan menggembala mereka dengan keadilan.

¹⁷ Mengenai kamu, wahai domba-Ku, beginilah firman Tuhan Allah: Sesungguhnya, Aku akan menjadi hakim antara domba dengan sesama domba, antara domba jantan dengan kambing jantan. ¹⁸ Belum cukupkah kamu merumput di padang rumput yang baik sehingga kamu harus menginjak-injak padang rumputmu yang selebihnya dengan kakimu? Belum cukupkah kamu meminum air yang jernih sehingga kamu harus mengeruhkan air yang selebihnya dengan kakimu? ¹⁹ Haruskah domba-Ku makan rumput yang sudah diinjak-injak kakimu dan minum air yang sudah dikeruhkan kakimu?

²⁰ Oleh sebab itu, beginilah firman Tuhan Allah kepada mereka: Sesungguhnya, Aku sendiri akan menjadi hakim di antara domba yang gemuk dengan domba yang kurus. ²¹ Kerana kamu mendorong-dorong dengan rusuk dan bahu serta menanduk semua yang lemah sehingga mereka tercerai-berai ke mana-mana, ²² maka Aku akan menyelamatkan kambing domba-Ku sehingga mereka tidak lagi menjadi mangsa. Aku akan menjadi hakim antara domba dengan domba.

²³ Akan Kuangkat seorang gembala atas mereka, yaitu hamba-Ku Daud, dan dia akan mengurus mereka serta menjadi gembala mereka. ²⁴ Aku, Tuhan, akan menjadi Allah mereka dan hamba-Ku Daud akan menjadi raja di tengah-tengah mereka. Aku, Tuhan, telah berfirman. ²⁵ Aku akan mengikat perjanjian damai dengan mereka dan Aku akan melenyapkan binatang buas daripada negeri itu, sehingga mereka dapat tinggal di gurun dengan aman dan dapat tidur di hutan.

²⁶ Mereka dan juga tempat-tempat di sekitar bukit-Ku akan Kubuat menjadi berkat. Aku akan menurunkan hujan pada musimnya, dan akan ada hujan berkat. ²⁷ Pokok-pokok di padang akan mengeluarkan buahnya dan tanah akan mengeluarkan hasilnya. Mereka akan tinggal dengan aman di tanah mereka, dan setelah Aku mematahkan kayu kuk mereka serta melepaskan mereka daripada tangan orang yang memperhamba mereka, mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ²⁸ Mereka tidak akan menjadi mangsa lagi bagi bangsa-bangsa, dan binatang liar tidak akan memakan mereka. Sebaliknya, mereka akan tinggal dengan aman tanpa ada yang mengusik. ²⁹ Aku akan menyediakan bagi mereka tanah yang terkenal

kerana tanam-tanamannya. Mereka tidak akan lenyap oleh bencana kebuluran lagi di negeri itu dan tidak akan menanggung aib daripada bangsa-bangsa lagi. ³⁰ Maka mereka akan tahu bahawa Aku, Tuhan, Allah mereka, menyertai mereka dan bahawa mereka, keturunan kaum Israel, ialah umat-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah.

³¹ Kamu sebagai manusia ialah domba-Ku, domba gembalaan-Ku, dan Aku ialah Allahmu, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Murka Allah terhadap Pergunungan Seir

35 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² ‘Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu ke Pergunungan Seir dan bernubuatlah menentanginya. ³ Katakan kepadanya: Beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu, wahai Pergunungan Seir. Aku akan menghulurkan tangan-Ku melawan engkau dan menjadikan kamu sunyi sepi serta tandus. ⁴ Kota-kotamu akan Kubuat menjadi reruntuhan, dan engkau akan menjadi sunyi sepi. Maka engkau akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

35:1: Yes 34:5-17; 63:1-6; Yer 49:7-22; Yeh 25:12-14; Am 1:11,12; Ob 1:1-14; Mal 1:2-5.

⁵ Kerana engkau terus memendam rasa permusuhan yang sudah ada sejak dahulu, dan engkau menyerahkan orang Israel kepada kuasa pedang pada waktu mereka mengalami kesusahan, iaitu pada waktu penghukuman ke atas mereka mencapai puncaknya, ⁶ maka demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, Aku telah menetapkan bahawa darahmu akan tertumpah; penumpahan darah akan mengejar engkau. Engkau tidak membenci penumpahan darah, maka penumpahan darah akan mengejar engkau. ⁷ Aku akan menjadikan Pergunungan Seir sunyi sepi dan tandus; orang yang lalu-lalang di situ akan Kulenyapkan.

⁸ Aku akan memenuhi pergunungannya dengan orang yang mati terbunuh. Di bukit-bukitmu, di lembah-lembahmu, dan di segala alur sungaimu akan bergelimpangan dengan orang yang terbunuh oleh pedang. ⁹ Aku akan menjadikan engkau sunyi sepi untuk selama-lamanya, dan kota-kotamu tidak akan dihuni lagi. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.

¹⁰ Kerana engkau berkata, “Kedua-dua bangsa dan kedua-dua buah negeri itu akan menjadi milikku. Kita akan memilikinya!” – padahal Tuhan hadir di situ – ¹¹ maka demi Aku yang hidup, demikianlah firman Tuhan Allah, Aku akan memperlakukan engkau selaras dengan

amarah dan dengki yang kautunjukkan dalam kebencianmu terhadap mereka. Akan Kuyatakan diri kepada mereka ketika Aku menghakimi engkau. ¹² Maka engkau akan tahu bahawa Aku, Tuhan, mendengar segala nista yang kaukatakan kepada gunung-gunung Israel: ‘Semuanya sudah binasa dan diserahkan sebagai makanan kita.’ ¹³ Kamu membesarkan diri terhadap Aku dengan mulutmu, dan melipatgandakan kata-katamu menentang Aku. Aku mendengarnya.

¹⁴ Beginilah firman Tuhan Allah: Ketika seluruh bumi bergembira, Aku akan menjadikan engkau sunyi sepi. ¹⁵ Sebagaimana engkau bergembira atas harta pusaka keturunan kaum Israel yang menjadi sunyi, demikianlah Aku akan membalas atas kamu. Engkau akan menjadi sunyi sepi, wahai Pergunungan Seir dan seluruh Edom. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Nubuat bagi gunung-gunung Israel

36 ¹ ‘Engkau, wahai anak manusia, bernubuatlah mengenai gunung-gunung Israel dan katakan: Wahai gunung-gunung Israel, dengarlah firman Tuhan. ² Beginilah firman Tuhan Allah, “Mengenai kamu musuh berkata, ‘Syukur!’ dan, ‘Bukit-bukit purbakala itu telah menjadi milik kita.’ ”

³ Oleh itu, bernubuatlah dan katakan: Beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana kamu dijadikan sunyi dan dirompak dari segala penjuru sehingga kamu menjadi milik sisa bangsa-bangsa, menjadi buah mulut serta bahan cacian orang ramai, ⁴ maka dengarlah firman Tuhan Allah, wahai gunung-gunung Israel.” Beginilah firman Tuhan Allah kepada gunung-gunung dan bukit-bukit, kepada alur-alur sungai dan lembah-lembah, kepada reruntuhan-reruntuhan yang sunyi sepi dan kota-kota yang sudah ditinggalkan, iaitu yang menjadi rampasan serta bahan berolok-olok bagi saki-baki bangsa-bangsa di sekelilingnya, ⁵ ya, beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, dalam api kecemburuan-Ku Aku berfirman menentang sisa bangsa-bangsa dan menentang seluruh Edom. Dengan segala kegembiraan hati dan penghinaan, tanah-Ku ditentukan mereka untuk menjadi milik mereka, sehingga padang ragut tanah-Ku itu menjadi rampasan.

⁶ Oleh sebab itu bernubuatlah tentang Tanah Israel dan katakan kepada gunung-gunung dan bukit-bukit, kepada alur-alur sungai serta lembah-lembah: Beginilah firman Tuhan Allah, ‘Sesungguhnya, Aku berfirman dalam murka kecemburuan-Ku. Kerana kamu telah menanggung aib daripada bangsa-bangsa, ⁷ maka beginilah firman Tuhan Allah: Aku

bersumpah, sesungguhnya bangsa-bangsa di sekelilingmu akan menanggung aib mereka.

⁸ Tetapi kamu, wahai gunung-gunung Israel, kamu akan mengeluarkan cabang dan menghasilkan buah bagi umat-Ku Israel, kerana mereka akan segera datang. ⁹ Lihat, Aku ada pada pihakmu dan Aku akan berpaling kepadamu. Kamu akan digarap dan ditaburi benih. ¹⁰ Aku akan melipatgandakan jumlah manusia di atasmu, iaitu seluruh keturunan kaum Israel. Kota-kota akan dihuni kembali dan reruntuhan-reruntuhan akan dibangunkan kembali. ¹¹ Jumlah manusia dan binatang di atasmu akan Kulipatgandakan. Mereka akan bertambah banyak dan berkembang biak. Aku akan membuat kamu dihuni kembali seperti asalnya dan Aku akan berbuat baik kepadamu lebih daripada sebelumnya. Maka kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ¹² Aku akan membuat manusia, iaitu umat-Ku Israel, berjalan di atasmu. Mereka akan menduduki engkau dan engkau akan menjadi harta pusaka mereka. Engkau tidak akan membuat mereka kehilangan anak lagi.' ”

¹³ Beginilah firman Tuhan Allah, “Kerana orang berkata kepadamu, ‘Engkau tanah yang memakan orang dan yang membuat bangsamu kehilangan anak,’ ¹⁴ maka engkau tidak akan lagi memakan orang dan tidak akan lagi membuat

bangsamu kehilangan anak, demikianlah firman Tuhan Allah. ¹⁵ Aku tidak akan lagi membiarkan engkau mendengar aib daripada bangsa-bangsa, dan engkau tidak akan lagi menanggung cela daripada suku-suku bangsa. Engkau tidak akan lagi membuat bangsamu jatuh, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Janji Tuhan tentang pembaharuan hati dan roh

¹⁶ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁷ ‘Wahai anak manusia, ketika keturunan kaum Israel tinggal di tanah mereka, mereka menjajiskannya dengan perilaku dan perbuatan mereka. Perilaku mereka di hadapan-Ku sama seperti kenajisan perempuan yang datang haid. ¹⁸ Oleh sebab itu Aku mencurahkan murka-Ku ke atas mereka kerana darah yang ditumpahkan mereka di negeri itu dan kerana negeri itu dinajiskan mereka dengan berhala-berhala mereka. ¹⁹ Kucerai-beraikan mereka di antara bangsa sehingga mereka terserak di pelbagai negeri, dan Kuhakimi mereka selaras dengan perilaku serta perbuatan mereka. ²⁰ Di tempat mana-mana pun mereka pergi di antara bangsa, mereka mencemarkan nama-Ku yang suci, kerana mereka disindir orang, “Mereka ini umat Tuhan, tetapi mereka harus keluar dari tanah-Nya.” ²¹ Aku berasa prihatin kerana nama-Ku yang suci

dicemarkan oleh keturunan kaum Israel di antara bangsa yang didatangi mereka.

²² Oleh sebab itu katakanlah kepada keturunan kaum Israel: Beginilah firman Tuhan Allah, “Bukan kerana kamu Aku bertindak, wahai keturunan kaum Israel, melainkan kerana nama-Ku yang suci, yang kamu cemarkan di antara bangsa yang kamu datangi. ²³ Aku akan menyatakan kesucian nama-Ku yang agung, yang telah kamu cemarkan dalam kalangan bangsa. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan, demikianlah firman Tuhan Allah, ketika Aku menyatakan kesucian-Ku kepadamu di hadapan mata mereka. ²⁴ Aku akan mengambil kamu daripada kalangan bangsa, mengumpulkan kamu dari semua negeri, dan membawa kamu kembali ke tanahmu. ²⁵ Kamu akan Kurenjis dengan air suci, sehingga kamu menjadi suci. Akan Kusucikan kamu daripada segala kenajisanmu dan daripada segala berhalamu. ²⁶ Kemudian Aku akan mengurniakan kepadamu hati yang baru dan menaruh roh yang baru dalam batinmu. Akan Kusingkirkan hati yang keras daripada tubuhmu dan Kukurniakan hati yang lembut kepadamu. ²⁷ Aku akan menaruh Roh-Ku dalam batinmu serta membuat kamu hidup menurut

ketetapan-ketetapan-Ku, berpegang teguh pada peraturan-peraturan-Ku, dan mematuhi kesemuanya. ²⁸ Kamu akan tinggal di negeri yang Kukurniakan kepada nenek moyangmu, lalu kamu akan menjadi umat-Ku dan Aku akan menjadi Allahmu. ²⁹ Akan Kuselamatkan kamu daripada segala kenajisanmu. Aku akan berfirman kepada gandum dan menumbuhkannya banyak-banyak. Bencana kebuluran tidak akan Kudatangkan atasmu. ³⁰ Aku akan melipatgandakan buah pokok serta hasil ladang supaya kamu tidak lagi menanggung cela di antara bangsa-bangsa kerana bencana kebuluran. ³¹ Kamu akan teringat pada perilikumu yang jahat dan perbuatanmu yang tidak baik, dan kamu akan berasa muak kepada dirimu sendiri kerana kesalahan serta kekejianmu. ³² Sedarilah, bukan kerana kamu Aku bertindak, demikianlah firman Tuhan Allah. Berasa malulah dan tanggunglah aib kerana perilikumu, wahai keturunan kaum Israel!”

³³ Beginilah firman Tuhan Allah, “Pada hari Aku menyucikan kamu daripada segala kesalahanmu, Aku akan membuat kota-kota dihuni kembali dan reruntuhan-reruntuhan dibangun kembali.

³⁴ Tanah yang sudah tandus itu akan digarap kembali sehingga tidak lagi sunyi sepi di hadapan mata semua orang yang berlalu. ³⁵ Mereka akan berkata, ‘Tanah yang sudah tandus ini menjadi

seperti taman Eden. Kota-kota yang sudah menjadi reruntuhan, sunyi, dan terbongkar sekarang berkubu dan dihuni orang.’³⁶ Maka saki-baki bangsa-bangsa di sekelilingmu akan tahu bahawa Aku, Tuhan, telah membangunkan kembali yang sudah terbongkar dan menanam kembali yang sudah tandus. Aku, Tuhan, telah berfirman dan akan melaksanakannya.”

³⁷ Beginilah firman Tuhan Allah, “Aku pun akan membolehkan keturunan kaum Israel memohon hal yang akan Kulakukan ini bagi mereka, iaitu menambah jumlah mereka hingga seperti kawanan domba.³⁸ Sebanyak domba persembahan suci dan sebanyak domba di Yerusalem pada hari-hari perayaan, demikianlah ramainya manusia yang akan memenuhi kota-kota yang sudah menjadi reruntuhan. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.” ’

Tulang-tulang kering: lambang kebangkitan Israel

37¹ Kuasa Tuhan meliputi aku, lalu Tuhan membawa aku keluar dengan perantaraan Roh-Nya dan menempatkan aku di tengah-tengah sebuah lembah. Lembah itu penuh dengan tulang.² Kemudian aku dibawa-Nya berjalan keliling untuk mengamati tulang-tulang itu. Ternyata jumlahnya amat banyak di permukaan

lembah itu, dan semuanya tampak sangat kering.

³ Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, bolehkah tulang-tulang ini hidup kembali?'

Jawabku, 'Ya Tuhan Allah, hanya Engkau yang mengetahui hal itu.'

⁴ Firman-Nya kepadaku, 'Bernubuatlah kepada tulang-tulang ini dan katakan, "Wahai tulang-tulang yang kering, dengarlah firman Tuhan!" ⁵ Beginilah firman Tuhan Allah kepada tulang-tulang ini, "Sesungguhnya, Aku akan memberikan nafas kepadamu sehingga kamu hidup kembali. ⁶ Aku akan memberikan urat kepadamu dan menumbuhkan daging padamu. Aku akan menutupi kamu dengan kulit dan memberi kamu nafas sehingga kamu hidup kembali. Maka kamu akan tahu bahwa Akulah Tuhan." '

⁷ Lalu bernubuatlah aku seperti yang diperintahkan kepadaku. Pada waktu aku bernubuat, terdengarlah suatu bunyi, ya, bunyi derak-derak. Tulang-tulang itu berlekatan satu sama lain. ⁸ Ketika kuamati, tampak urat dan daging tumbuh pada mereka. Kemudian kulit menutupi semuanya, tetapi mereka belum bernyawa.

⁹ Lalu Dia berfirman kepadaku, 'Bernubuatlah pada roh kehidupan. Bernubuatlah, wahai anak manusia! Katakan kepada roh itu: Beginilah

firman Tuhan Allah, “Datanglah dari keempat-empat mata angin, wahai roh. Bertiuplah kepada golongan orang yang terbunuh ini supaya mereka hidup kembali.”¹⁰ Lalu aku bernubuat seperti yang diperintahkan-Nya kepadaku. Maka masuklah roh itu ke dalam mereka sehingga mereka hidup kembali dan berdiri di atas kedua-dua belah kaki mereka – suatu pasukan yang amat besar sekali.

¹¹ Firman-Nya kepadaku, ‘Wahai anak manusia, tulang-tulang ini ialah seluruh keturunan kaum Israel. Sesungguhnya, mereka sendiri berkata, “Tulang-tulang kami sudah kering dan harapan kami sudah lenyap. Kami sudah habis.”¹² Oleh sebab itu bernubuatlah dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Ketahuilah, Aku akan membuka kubur-kuburmu dan membangkitkan kamu dari situ, wahai umat-Ku. Akan Kubawa kamu ke Tanah Israel.¹³ Kemudian ketika Aku membuka kubur-kuburmu dan membangkitkan kamu dari situ, wahai umat-Ku, kamu akan tahu bahawa Akulah Tuhan.¹⁴ Aku akan menaruh Roh-Ku di dalam dirimu sehingga kamu hidup kembali dan Aku akan menempatkan kamu di tanahmu sendiri. Maka kamu akan tahu bahawa Aku,

Tuhan, telah berfirman dan melaksanakannya, demikianlah firman Tuhan.” ’

Kerajaan Israel dan Yehuda dipersatukan kembali

¹⁵ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian,
¹⁶ ‘Engkau, wahai anak manusia, ambillah sebatang tongkat dan tulislah di atasnya, “Bagi Yehuda, serta orang Israel yang bersekutu dengannya.” Kemudian ambillah sebatang tongkat lainnya dan tulislah di atasnya, “Bagi Yusuf, iaitu tongkat Efraim, serta seluruh keturunan kaum Israel yang bersekutu dengannya.” ¹⁷ Sambungkanlah kedua-duanya sehingga menjadi sebatang tongkat sahaja di tanganmu. ¹⁸ Kalau orang sebangsa denganmu berkata kepadamu, “Tidakkah engkau mahu memberitahu kami apa ertinya ini?” ¹⁹ Katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah, “Ketahuilah, Aku akan mengambil tongkat Yusuf – yang ada di tangan Efraim – berserta suku-suku Israel yang bersekutu dengannya, dan Aku akan menggabungkannya dengan tongkat Yehuda. Aku akan membuat kedua-duanya menjadi satu batang tongkat sahaja di tangan-Ku.”

²⁰ Peganglah tongkat-tongkat yang kautulis itu di hadapan mata mereka ²¹ dan katakan kepada mereka: Beginilah firman Tuhan Allah,

“Ketahuilah, Aku akan mengambil orang Israel daripada kalangan bangsa yang didatangi mereka. Aku akan mengumpulkan mereka dari segala penjuru dan membawa mereka ke tanah mereka. ²² Mereka akan Kujadikan satu bangsa di negeri itu, di atas gunung-gunung Israel, kemudian seorang raja akan bertakhta atas mereka semua. Mereka tidak lagi menjadi dua bangsa dan tidak lagi terbahagi kepada dua buah kerajaan. ²³ Mereka pun tidak akan menajiskan diri lagi dengan berhala mereka, dengan tuhan mereka yang menjijikkan, atau dengan segala pelanggaran mereka. Aku akan menyelamatkan mereka daripada segala tempat mereka berbuat dosa, dan akan menyucikan mereka. Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku akan menjadi Allah mereka. ²⁴ Hamba-Ku Daud akan menjadi raja mereka dan mereka semua akan mempunyai seorang gembala. Mereka akan hidup menurut peraturan-peraturan-Ku, berpegang teguh pada ketetapan-ketetapan-Ku serta melakukannya. ²⁵ Mereka akan tinggal di negeri yang telah Kukurniakan kepada hamba-Ku Yakub, iaitu negeri tempat tinggal nenek moyangmu. Di sana mereka akan tinggal selama-lamanya bersama dengan anak-anak dan

cucu-cicit mereka, dan hamba-Ku Daud akan menjadi raja mereka untuk selama-lamanya.

²⁶ Aku akan mengikat perjanjian damai dengan mereka, dan itu akan menjadi perjanjian yang kekal dengan mereka. Aku akan meneguhkan mereka dan melipatgandakan jumlah mereka. Aku akan menempatkan tempat suci-Ku di tengah-tengah mereka untuk selama-lamanya.

²⁷ Kediaman-Ku akan ada pada mereka; Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku. ²⁸ Bangsa-bangsa akan tahu bahawa Aku, Tuhan, menyucikan Israel, pada waktu tempat suci-Ku ada di tengah-tengah mereka untuk selama-lamanya.”

Firman Tuhan tentang Gog di tanah Majuj

Penyerbuan Gog pada akhir zaman

38 ¹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ² “Wahai anak manusia, hadapkanlah mukamu kepada Gog di tanah Majuj, iaitu raja agung negeri Mesekh dan Tubal. Bernubuatlah menentanginya ³ dan katakan: Beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu, wahai Gog, raja agung negeri Mesekh dan Tubal. ⁴ Aku akan

menarik engkau dan mengenakan kelikir pada rahangmu. Akan Kubawa engkau keluar bersama-sama seluruh tenteramu, kuda dan pasukan berkuda kamu yang berpakaian lengkap, serta sejumlah besar orang dengan perisai besar dan perisai kecil; semua memegang pedang.

⁵ Mereka disertai oleh orang Parsi, Kush, dan Put, yang semuanya berperisai serta berketopong;

⁶ orang Gomer dengan seluruh pasukan mereka;

orang Bet-Togarma dari hujung utara dengan seluruh pasukan mereka – banyak bangsa menyertai engkau. ⁷ Bersiaplah, bersiaplah

engkau dan seluruh pasukan yang bergabung denganmu. Jadilah pemimpin mereka. ⁸ Lama setelah itu engkau akan dikerahkan. Pada

tahun-tahun akhir zaman engkau akan datang ke negeri yang telah dipulihkan daripada pedang,

iaitu negeri yang penduduknya dikumpulkan daripada kalangan banyak bangsa di atas

gunung-gunung Israel yang telah lama jadi reruntuhan. Mereka semua dibawa keluar

daripada kalangan bangsa dan tinggal dengan aman. ⁹ Engkau, seluruh pasukanmu, dan banyak

bangsa yang menyertaimu akan maju seperti badai, dan datang seperti awan yang menutupi bumi.”

¹⁰ Beginilah firman Tuhan Allah, “Pada hari itu akan timbul pelbagai fikiran dalam benakmu

dan engkau akan membuat rancangan jahat.

¹¹ Engkau akan berkata, 'Aku akan maju menyerang negeri yang kampung-kampungnya tidak bertembok. Aku akan mendatangi orang yang hidup tenang dan tinggal dengan aman. Mereka semua tinggal tanpa tembok kota, tanpa palang pintu dan pintu gerbang.' ¹² Niatmu adalah untuk melakukan penjarahan dan mengadakan perampasan. Engkau pun berniat mengarahkan tangan terhadap reruntuhan-reruntuhan yang telah dihuni kembali, dan terhadap bangsa yang telah dikumpulkan daripada kalangan bangsa. Pada saat itu mereka telah memiliki ternak dan harta benda, serta tinggal di pusat bumi. ¹³ Syeba, Dedan, dan saudagar-saudagar Tarsis serta segala singa muda mereka akan berkata kepadamu, 'Adakah engkau datang untuk melakukan penjarahan? Adakah engkau mengumpulkan pasukanmu untuk mengadakan perampasan, untuk mengangkut perak dan emas, untuk merebut ternak dan harta benda, dan untuk melakukan penjarahan besar-besaran?' "

¹⁴ Oleh sebab itu, wahai anak manusia, bernubuatlah dan katakan kepada Gog: Beginilah firman Tuhan Allah, "Bukankah engkau tahu bahawa pada waktu itu umat-Ku Israel tinggal dengan aman? ¹⁵ Namun demikian, engkau

akan datang dari tempatmu di hujung utara bersama banyak bangsa yang menyertaimu. Mereka semua menunggang kuda – suatu kumpulan yang besar dan pasukan yang kuat. ¹⁶ Engkau akan maju menyerang umat-Ku Israel seperti awan yang menutupi bumi. Hal itu akan terjadi pada akhir zaman. Aku akan membawa engkau menyerang tanah-Ku, wahi Gog, supaya bangsa-bangsa mengenal Aku ketika Aku menyatakan kesucian-Ku melalui engkau di hadapan mata mereka.” ¹⁷ Beginilah firman Tuhan Allah, “Bukankah engkau yang Kufirmankan pada zaman dahulu dengan perantaraan hamba-hamba-Ku, para nabi Israel? Pada masa itu, bertahun-tahun lamanya mereka bernubuat bahawa Aku akan membawa engkau untuk menyerang umat-Ku.”

Hukuman Allah terhadap Gog

¹⁸ Namun demikian, inilah yang akan terjadi pada waktu itu: Ketika Gog datang menyerang Tanah Israel, demikianlah firman Tuhan Allah, murka-Ku akan bangkit. ¹⁹ Dalam kecemburuan-Ku dan dalam murka-Ku yang berapi-api Aku berfirman, “Pada hari itu pasti terjadi gempa bumi yang besar di Tanah Israel. ²⁰ Ikan di laut, burung di udara, binatang di padang, segala makhluk yang merayap di tanah, dan

semua manusia yang ada di muka bumi akan gementar di hadapan-Ku. Gunung-gunung akan runtuh, lereng-lereng gunung akan roboh, dan segala tembok akan jatuh ke bumi. ²¹ Aku akan memanggil pedang untuk melawan Gog di seluruh gunung-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah. Pedang setiap orang akan melawan jirannya. ²² Aku akan menghukum dia dengan wabak penyakit dan penumpahan darah. Aku pun akan mencurahkan hujan lebat, hujan batu, api, dan belerang ke atasnya, ke atas pasukannya, dan ke atas banyak bangsa yang menyertainya. ²³ Aku akan menyatakan keagungan-Ku dan kesucian-Ku serta menyatakan diri-Ku di hadapan mata banyak bangsa. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan.”

Kekalahan Gog

39 ¹ Engkau, wahai anak manusia, bernubuatlah menentang Gog dan katakan: Beginilah firman Tuhan Allah, “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu, wahai Gog, raja agung negeri Mesekh dan Tubal. ² Aku akan menarik engkau dan menggiring engkau. Akan Kubawa engkau dari hujung utara lalu Kudatangkan engkau ke gunung-gunung Israel. ³ Busurmu akan Kupukul daripada tangan kirimu, dan anak-anak panahmu akan Kujatuhkan

daripada tangan kananmu. ⁴ Maka engkau akan tewas di atas gunung-gunung Israel dengan seluruh pasukanmu dan bangsa-bangsa yang menyertaimu. Kemudian akan Kuserahkan engkau sebagai makanan bagi segala jenis burung pemangsa dan binatang liar. ⁵ Engkau akan rebah di padang terbuka kerana Aku telah berfirman, demikianlah firman Tuhan Allah. ⁶ Aku akan melepaskan api ke atas Majuj dan ke atas penduduk daerah pesisir yang hidup aman. Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan. ⁷ Aku akan menyatakan nama-Ku yang suci di tengah-tengah umat-Ku Israel, dan Aku tidak akan membiarkan nama-Ku yang suci itu dicemarkan lagi. Maka bangsa-bangsa akan tahu bahawa Akulah Tuhan, Yang Maha Suci di tengah-tengah orang Israel.

⁸ Sungguh, hal itu akan terlaksana dan akan terjadi, demikianlah firman Tuhan Allah. Itulah hari yang telah Kufirmankan. ⁹ Penduduk di kota-kota Israel akan keluar menyalakan api dan membakar persenjataan Gog, iaitu perisai kecil dan perisai besar, busur dan anak panah, gada dan tombak. Mereka akan membakarnya habis hingga tujuh tahun lamanya. ¹⁰ Tidak perlu mereka mengambil kayu bakar dari padang atau menebangnya di hutan, kerana mereka akan mendapat api dengan membakar persenjataan

itu. Mereka akan menjarah orang yang dahulu menjarah mereka dan merampas orang yang dahulu merampas mereka, demikianlah firman Tuhan Allah.

Penguburan Gog

¹¹ Pada hari itu Aku akan memberi Gog suatu tempat perkuburan di Israel, iaitu Lembah Orang yang Menyeberang di sebelah timur laut, dan perkuburan itu akan menghalangi orang yang menyeberang, kerana di sanalah Gog dan seluruh pasukan itu akan dikuburkan; tempat itu akan disebut Lembah Pasukan Gog.

¹² Tujuh bulan lamanya keturunan kaum Israel akan menguburkan mereka untuk menyucikan negeri itu, ¹³ dan seluruh rakyat negeri akan turut menguburkan mereka. Hal itu akan menjadikan mereka masyhur, iaitu pada hari Aku menyatakan kemuliaan-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah. ¹⁴ Beberapa orang akan dikhususkan untuk terus menjelajahi negeri itu. Mereka harus menguburkan saki-baki orang yang menyeberang, di atas tanah untuk menyucikannya. Mereka akan mengadakan pemeriksaan setelah berlalunya masa tujuh bulan itu. ¹⁵ Para penjelajah negeri itu akan berjalan. Apabila seseorang melihat tulang manusia, maka dia akan mendirikan rambu-rambu di sampingnya

sampai tukang-tukang kubur menguburkannya di Lembah Pasukan Gog. ¹⁶ Akan ada juga sebuah kota bernama Pasukan. Demikianlah mereka akan menyucikan negeri itu.”

¹⁷ Engkau, wahai anak manusia, beginilah firman Tuhan Allah kepadamu: Katakan kepada segala jenis burung dan segala binatang liar, “Berkumpullah dan datanglah dari segala penjuru ke perayaan korban yang Kuadakan bagimu, yaitu perayaan korban besar di atas gunung-gunung Israel. Kamu akan makan daging dan minum darah. ¹⁸ Daging kesateria akan kamu makan, dan darah pemimpin dunia akan kamu minum. Mereka semua seperti domba jantan, anak domba, kambing jantan, lembu jantan, dan ternakan tambun dari Basan. ¹⁹ Kamu akan makan lemak sampai kenyang dan minum darah sampai mabuk pada perayaan korban yang Kuadakan bagimu. ²⁰ Dalam perjamuan-Ku kamu akan dikenyangkan dengan daging kuda dan penunggangnya, para kesateria, serta semua pejuang, demikianlah firman Tuhan Allah.

²¹ Aku akan menyatakan kemuliaan-Ku di antara bangsa, dan segala bangsa akan menyaksikan hukuman yang Kujatuhkan serta kuasa-Ku yang melanda mereka. ²² Maka sejak hari itu

dan seterusnya, keturunan kaum Israel akan tahu bahawa Akulah Tuhan, Allah mereka.

²³ Bangsa-bangsa akan tahu bahawa keturunan kaum Israel harus pergi ke tempat pembuangan akibat kesalahan mereka, kerana mereka berbuat mungkar terhadap Aku sehingga Aku menyembunyikan hadirat-Ku daripada mereka. Aku menyerahkan mereka ke dalam tangan lawan-lawan mereka sehingga mereka semua tewas oleh pedang. ²⁴ Aku memperlakukan mereka selaras dengan kenajisan serta pelanggaran mereka, dan Aku menyembunyikan hadirat-Ku daripada mereka.”

²⁵ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah, “Sekarang Aku akan memulihkan keadaan Yakub dan mengasihani seluruh keturunan kaum Israel. Aku tergerak kerana kecemburuan-Ku untuk membela kepentingan nama-Ku yang suci.

²⁶ Mereka akan melupakan aib mereka serta segala kemungkaran yang diperbuat mereka terhadap Aku ketika mereka tinggal dengan aman di tanah mereka tanpa ada yang mengusik.

²⁷ Setelah Aku mengembalikan mereka daripada kalangan bangsa dan mengumpulkan mereka dari negeri musuh-musuh mereka, Aku akan menyatakan kesucian-Ku melalui mereka di hadapan mata banyak bangsa. ²⁸ Maka mereka akan tahu bahawa Akulah Tuhan,

Allah mereka, kerana Aku telah menyuruh mereka pergi ke tempat pembuangan di antara bangsa-bangsa dan telah mengumpulkan mereka kembali di tanah mereka. Aku tidak akan meninggalkan mereka lagi di sana. ²⁹ Aku tidak akan menyembunyikan hadirat-Ku lagi daripada mereka kerana Aku telah mencurahkan Roh-Ku ke atas keturunan kaum Israel, demikianlah firman Tuhan Allah.”

Pelataran Bait Suci yang baru

Yehezkiel dibawa ke Yerusalem

40 ¹ Pada hari itu, pada awal tahun kedua puluh lima masa pembuangan kami – tahun keempat belas setelah Kota Yerusalem dikalahkan – tepatnya hari kesepuluh dalam bulan itu, kuasa Tuhan meliputi aku dan aku dibawa-Nya ke Tanah Israel. ² Dalam penglihatan bersifat ilahiah, Dia membawa aku ke Tanah Israel dan menempatkan aku di atas sebuah gunung yang amat tinggi. Di atas gunung itu tampak bentuk sebuah kota di sebelah selatan. ³ Dia membawa aku ke sana, lalu tampak seorang yang susuknya serupa tembaga, dengan benang

linen dan tongkat pengukur di tangannya. Dia berdiri di pintu gerbang.

⁴ Lalu kata orang itu kepadaku, 'Wahai anak manusia, lihatlah dengan saksama, dengarlah baik-baik, dan perhatikanlah segala sesuatu yang akan kutunjukkan kepadamu kerana engkau dibawa ke mari untuk melihatnya. Kemudian beritahukanlah semua yang kaulihat itu kepada keturunan kaum Israel.'

Gerbang timur

⁵ Tampaklah tembok mengelilingi kawasan bangunan Bait Suci. Kemudian orang itu, dengan tongkat pengukur^k sepanjang enam hasta di tangannya, mengukur tembok itu (hasta ini setelapak tangan lebih panjang daripada hasta biasa). Ternyata tebalnya sebatang tongkat dan tingginya pun sebatang tongkat. ⁶ Lalu dia pergi ke pintu gerbang yang menghadap ke arah timur dan menaiki tangganya. Diukurnya ambang pintu gerbang itu, lebarnya sebatang tongkat; demikian pula halnya dengan ambang

^k**40:5** hasta: Ukuran satu hasta biasanya kira-kira 45 cm. Hasta yang 'tidak biasa' ini berukuran kira-kira 52 cm. Jadi, panjangnya tongkat pengukur dalam ayat ini kira-kira 3 meter.

pintu yang lain. ⁷ Di kawasan itu ada bilik-bilik jaga, masing-masing sepanjang sebatang tongkat dan selebar sebatang tongkat, sedangkan jarak di antara setiap bilik jaga ialah lima hasta. Kemudian ada serambi pintu gerbang yang menghadap ke Bait Suci; lebar ambang pintu gerbang itu sebatang tongkat. ⁸ Diukurnya pula serambi pintu gerbang itu, ⁹ ukurannya lapan hasta manakala tiang temboknya setebal dua hasta. Serambi pintu gerbang itu menghadap ke Bait Suci. ¹⁰ Bilik-bilik jaga tadi terletak di sayap kiri serta sayap kanan pintu gerbang sebelah timur itu, masing-masing ada tiga buah, dan semuanya seukuran. Tiang-tiang tembok di sayap kiri dan sayap kanan juga seukuran.

¹¹ Selanjutnya dia mengukur lebar lubang pintu gerbang itu, sepuluh hasta; sedang panjangnya tiga belas hasta. ¹² Di depan bilik-bilik jaga, baik di sayap kiri mahupun di sayap kanan, ada sekat berukuran sehasta, sedangkan bilik jaga itu sendiri berukuran enam hasta baik di sayap kiri mahupun di sayap kanan.

¹³ Lalu diukurnya pintu gerbang itu dari hujung bumbung bilik jaga yang satu ke hujung bumbung bilik jaga di seberangnya, dua puluh lima hasta lebarnya. ¹⁴ Diukurnya pula tiang-tiang tembok, panjangnya enam puluh hasta. Pelataran pintu gerbang itu membentang sampai tiang-tiang

tembok di sekelilingnya. ¹⁵ Jarak dari depan pintu gerbang jalan masuk sampai ke depan serambi pintu gerbang dalam ialah lima puluh hasta. ¹⁶ Di sekeliling ruang dalam, iaitu pada bilik-bilik jaga, pada tiang-tiang tembok di lingkungan pintu gerbang sebelah dalam, dan juga serambi, ada jendela-jendela berbidai. Pada tiang-tiang tembok ada ukiran pokok kurma.

Pelataran luar Bait Suci

¹⁷ Kemudian dia membawa aku ke pelataran luar. Tampak ada lantai batu yang dibuat di sekeliling pelataran itu dengan tiga puluh bilik yang dibangun di atasnya. ¹⁸ Lantai batu itu memanjang di sisi kiri dan kanan pintu-pintu gerbang, dengan lebar mengikuti panjang pintu gerbang, dan letaknya lebih ke bawah.

¹⁹ Lalu diukurnya jarak dari bahagian depan pintu gerbang bawah sampai ke depan pintu gerbang pelataran dalam. Ukurannya seratus hasta, baik di sebelah timur mahupun utara.

Gerbang utara

²⁰ Dia mengukur pula panjang dan lebar pintu gerbang pelataran luar yang menghadap ke arah utara. ²¹ Secara keseluruhan, panjangnya lima puluh hasta dan lebarnya dua puluh lima hasta. Bilik jaganya, iaitu tiga di sayap kiri dan tiga di

sayap kanan, juga tiang tembok serta serambinya, seukuran dengan yang terdapat pada pintu gerbang pertama. ²² Demikian pula jendelanya, serambinya, dan ukiran pokok kurmanya seukuran dengan yang terdapat pada pintu gerbang yang menghadap ke arah timur. Tangga naik ke situ bertingkat tujuh, dan serambinya ada di sebelah dalam. ²³ Berseberangan dengan pintu gerbang utara ada pintu gerbang menuju pelataran dalam, sebagaimana halnya di sebelah timur. Lalu diukurinya jarak di antara kedua-dua pintu gerbang ini, seratus hasta.

Gerbang selatan

²⁴ Kemudian dia membawa aku ke sebelah selatan, dan tampak di situ pintu gerbang yang menghadap ke arah selatan. Diukurinya tiang temboknya dan serambinya. Ukurannya sama seperti yang lain-lain. ²⁵ Di sekelilingnya dan di sekeliling serambinya ada jendela, sama seperti jendela yang lain. Panjang pintu gerbang itu lima puluh hasta dan lebarnya dua puluh lima hasta. ²⁶ Tangga naik ke situ bertingkat tujuh, dan serambinya ada di sebelah dalam. Pada tiang temboknya terdapat pula ukiran pokok kurma, sebatang di sayap kiri dan sebatang di sayap kanan. ²⁷ Pelataran dalam juga memiliki pintu gerbang yang menghadap ke arah selatan.

Diukurnya jarak di antara kedua-dua pintu gerbang ini, seratus hasta.

Gerbang selatan menuju pelataran dalam

²⁸ Selanjutnya dia membawa aku ke pelataran dalam melalui pintu gerbangnya di sebelah selatan, lalu diukurnya pintu gerbang selatan itu. Ukurannya sama seperti yang lain-lain.

²⁹ Secara keseluruhan, panjangnya lima puluh hasta dan lebarnya dua puluh lima hasta. Bilik-bilik jaga, tiang temboknya, dan serambinya seukuran dengan yang lain-lain. Di sekelilingnya dan di sekeliling serambinya ada jendela-jendela. ³⁰ (Jadi, serambi-serambi pintu gerbang di sekeliling pelataran itu dua puluh lima hasta panjangnya dan lima hasta lebarnya).

³¹ Serambinya menghadap ke pelataran luar, dan pada tiang temboknya ada ukiran pokok kurma. Tangga naik ke situ bertingkat lapan.

Gerbang timur menuju pelataran dalam

³² Setelah itu, dia membawa aku ke sebelah timur pelataran dalam dan dia mengukur pintu gerbang yang ada di situ. Ukurannya sama seperti yang lain-lain. ³³ Secara keseluruhan, panjangnya lima puluh hasta dan lebarnya dua puluh lima hasta. Bilik-bilik jaganya, tiang temboknya, dan serambinya seukuran dengan yang lain-lain. Di

sekelilingnya dan di sekeliling serambinya ada jendela-jendela. ³⁴ Serambinya menghadap ke pelataran luar dan pada tiang temboknya ada ukiran pokok kurma, baik di sayap kiri mahupun di sayap kanan. Tangga naik ke situ bertingkat lapan.

Gerbang utara menuju pelataran dalam

³⁵ Akhirnya dibawanya aku ke pintu gerbang utara dan dia pun mengukurnya. Ukurannya sama seperti yang lain. ³⁶ Secara keseluruhan, panjangnya lima puluh hasta dan lebarnya dua puluh lima hasta. Bilik-bilik jaganya, tiang temboknya, dan serambinya seukuran dengan yang lain. Di sekelilingnya ada jendela. ³⁷ Tiang temboknya menghadap ke pelataran luar. Pada tiang temboknya ada ukiran pokok kurma, baik di sayap kiri mahupun di sayap kanan. Tangga naik ke situ bertingkat lapan.

³⁸ Berdekatan dengan tiang-tiang tembok pintu gerbang itu ada sebuah bilik berpintu. Di sanalah korban bakaran dibasuh. ³⁹ Sementara di serambi pintu gerbang terdapat dua buah meja di sayap kiri dan dua buah meja di sayap kanan untuk tempat menyembelih korban bakaran, korban penghapus dosa, dan korban penebus kesalahan. ⁴⁰ Di sisi luar serambi, dekat tangga di pintu gerbang utara itu, terdapat pula

dua buah meja baik di kiri mahupun di kanan. ⁴¹ Jadi, ada empat buah meja di sisi dalam pintu gerbang itu dan empat buah meja di sisi luarnya – seluruhnya lapan buah meja – untuk tempat menyembelih korban. ⁴² Selain itu, ada empat buah meja lagi daripada batu pahat untuk korban bakaran. Panjangnya satu setengah hasta, lebarnya satu setengah hasta, dan tingginya satu hasta. Di atasnya diletakkan pelbagai alat kelengkapan untuk menyembelih korban bakaran dan korban sembelihan. ⁴³ Kait-kait bercabang dua yang berukuran setelapak tangan dipasang pada sekeliling dinding bahagian dalam, dan di atas meja-meja itu ditaruh daging yang dipersembahkan.

⁴⁴ Di pelataran dalam, setelah keluar dari pintu gerbang sebelah dalam, ada dua buah bilik. Sebuah bilik terletak di sisi pintu gerbang utara menghadap ke arah selatan, manakala bilik lainnya terletak di sisi pintu gerbang selatan menghadap ke arah utara. ⁴⁵ Dia berkata kepadaku, 'Bilik yang menghadap ke arah selatan ini diperuntukkan bagi para imam yang menunaikan tugas di Bait Suci, ⁴⁶ manakala bilik yang menghadap ke arah utara diperuntukkan bagi para imam yang menunaikan tugas di tempat pembakaran korban. Mereka bani Zadok, satu-satunya golongan bani Lewi

yang boleh datang dekat kepada Tuhan untuk menyelenggarakan ibadat bagi-Nya.’

Bait Suci

⁴⁷ Kemudian dia mengukur pelataran dalam. Bentuknya empat persegi dengan panjang seratus hasta dan lebar seratus hasta. Di depan Bait Suci terletak mazbah. ⁴⁸ Lalu dibawanya aku ke serambi Bait Suci, dan diukurnya tiang tembok serambi itu. Tebalnya lima hasta, baik di sayap kiri mahupun kanan. Lebar pintu gerbangnya tiga hasta, baik di sayap kiri mahupun kanan.

⁴⁹ Panjang serambinya pula dua puluh hasta dan lebarnya sebelas hasta. Ada tangga untuk naik ke situ, dan ada tiang-tiang berdekatan dengan tiang-tiang tembok itu, satu di sayap kiri dan satu di sayap kanan.

41 ¹ Kemudian dia membawa aku ke ruang besar Bait Suci. Diukurnya tiang-tiang temboknya, enam hasta tebalnya, baik di sayap kiri mahupun di sayap kanan. ² Lebar pintu masuk ialah sepuluh hasta. Dinding di sisi kanan dan sisi kiri pintu itu berukuran lima hasta. Diukurnya pula ruang besar bait itu, empat puluh hasta panjangnya dan dua puluh hasta lebarnya.

³ Kemudian dia masuk ke ruang dalam dan mengukur tiang tembok pintu masuknya, dua hasta tebalnya. Lebar pintunya enam hasta,

manakala dinding-dinding samping pintu itu tujuh hasta. ⁴ Diukurnya ruang dalam itu, dua puluh hasta panjangnya dan dua puluh hasta lebarnya, letaknya tepat di belakang ruang besar. Lalu dia berkata kepadaku, 'Ini ialah Tempat Yang Maha Suci.'

Bilik-bilik yang dibina pada tembok Bait Suci

⁵ Kemudian dia mengukur tembok Bait Suci, enam hasta tebalnya. Di sekeliling Bait Suci ada bilik-bilik tambahan yang lebarnya empat hasta. ⁶ Bilik-bilik tambahan itu tersusun dalam tiga tingkat, iaitu ada tiga puluh buah bilik setiap tingkatnya. Ada ceruk-ceruk dinding yang dibuat pada sekeliling Bait Suci untuk menopang bilik-bilik tambahan itu, sehingga bilik-bilik itu tidak ditopang oleh tembok Bait Suci. ⁷ Semakin ke atas bilik-bilik tambahan itu semakin lebar, kerana ukuran ceruk di sekeliling Bait Suci semakin lebar semakin ke atas. Orang dapat menaiki tangga dari tingkat bawah ke tingkat atas melalui tingkat tengah. ⁸ Kulihat pula Bait Suci berdiri di atas alas yang lebih tinggi daripada sekelilingnya, juga sebagai asas bagi bilik-bilik tambahan yang ada. Tingginya ialah sebatang tongkat, iaitu enam hasta. ⁹ Tebal tembok bahagian luar bilik tambahan ialah lima hasta. Lalu ada kawasan yang dibiarkan

kosong di antara bilik tambahan Bait Suci¹⁰ dengan bilik-bilik di kedua-dua belah sisi Bait Suci, lebarnya dua puluh hasta.¹¹ Pintu-pintu bilik tambahan menghadap ke kawasan yang dibiarkan kosong, satu menghadap ke utara dan yang lain menghadap ke selatan. Di sekeliling bangunan ada teras selebar lima hasta yang dibiarkan kosong.

Bangunan di sebelah barat dan ukuran lengkap Bait Suci

¹² Ada sebuah bangunan yang menghadap pelataran sebelah barat, lebarnya tujuh puluh hasta dan panjangnya sembilan puluh hasta, dikelilingi tembok setebal lima hasta.

¹³ Kemudian dia mengukur Bait Suci, seratus hasta panjangnya. Pelataran barat berserta dengan bangunan dan temboknya juga sepanjang seratus hasta.¹⁴ Lebar pelataran di sebelah timur termasuk sebelah kiri dan kanan Bait Suci bahagian depan ialah seratus hasta.¹⁵ Lalu diukurinya panjang bangunan yang menghadap pelataran barat di belakang Bait Suci berserta tembok di kedua-dua belah sisinya, seratus hasta.

Bahagian-bahagian Bait Suci

Ruang besar, ruang dalam, serambi yang menghadap ke pelataran,¹⁶ juga ambang-

ambang pintu, jendela-jendela berbidai, dan serambi-serambi di sekeliling ketiga-tiga ruang itu seluruhnya dilapisi papan dari lantai sampai ke jendela (jendela-jendela ini tertutup), ¹⁷ hingga ke bahagian atas pintu masuk bahkan sampai ke ruang dalam Bait Suci, dan juga di luar. Pada seluruh bentang tembok di sekeliling ruang dalam dan ruang besar, ¹⁸ terukir kerubin serta pokok kurma, dengan setiap pokok kurma diapit oleh dua kerubin. Setiap kerubin mempunyai dua muka: ¹⁹ muka manusia menghadap ke pokok kurma yang satu dan muka singa menghadap ke pokok kurma yang lain. Demikianlah dibuat secara berkeliling di seluruh Bait itu. ²⁰ Pada dinding ruang besar, dari lantai sampai ke atas pintu masuk terdapat ukiran kerubin serta pokok-pokok kurma. ²¹ Bingkai pintu ruang besar berbentuk empat persegi, dan di depan Tempat Yang Maha Suci ada sesuatu yang serupa dengan itu.

²² Di situ ada suatu benda menyerupai mazbah daripada kayu, tiga hasta tingginya dan dua hasta panjang sisi-sisinya. Sudutnya, alasnya, dan dindingnya terbuat daripada kayu. Lalu dia berkata kepadaku, 'Inilah meja yang ada di hadapan Tuhan.'

Pintu-pintu

²³ Ruang besar dan Tempat Yang Maha Suci mempunyai dua pintu. ²⁴ Setiap pintu itu terdiri daripada dua daun pintu yang dapat berputar. ²⁵ Pada pintu-pintu ruang besar terukir kerubin dan pokok kurma, sama seperti yang ada pada dinding. Di depan serambi, di muka bangunan sebelah luarnya ada tudung kayu. ²⁶ Pada dinding-dinding samping serambi terdapat jendela berbidai dan ukiran pokok-pokok kurma di kedua-dua belah sisinya. Bilik tambahan Bait itu pun mempunyai tudung.

Bilik untuk imam

42 ¹ Kemudian dia membawa aku ke pelataran luar menuju arah utara, lalu dibawanya aku masuk ke dalam sebuah bangunan berbilik-bilik yang berhadapan dengan pelataran dalam sebelah utara dan dengan dinding bangunan sebelah utara. ² Bangunan yang pintunya menghadap ke arah utara itu seratus hasta panjangnya dan lima puluh hasta lebarnya, ³ bersebelahan dengan bahagian pelataran dalam selebar dua puluh hasta dan berseberangan dengan bahagian pelataran luar berlantai batu. Serambinya berhadapan dan tersusun dalam tiga tingkat. ⁴ Di bahagian

dalam, di depan bilik-bilik itu, ada jalan yang lebarnya sepuluh hasta dan panjangnya seratus hasta. Pintu-pintunya ada di sebelah utara.

⁵ Bilik-bilik di tingkat atas berukuran lebih kecil kerana serambinya memakan lebih banyak tempat berbanding dengan serambi di tingkat bawah dan di tingkat tengah bangunan itu.

⁶ Kerana bilik-bilik itu tersusun dalam tiga tingkat tanpa mempunyai tiang-tiang seperti yang ada di pelataran, maka bilik-bilik di tingkat atas lebih sempit ukuran lantainya berbanding dengan bilik-bilik di tingkat bawah dan di tingkat tengah.

⁷ Ada tembok luar yang sejajar dan berhadapan dengan bilik-bilik itu, arahnya menghadap ke pelataran luar; panjangnya lima puluh hasta.

⁸ Barisan bilik berdekatan dengan pelataran luar lima puluh hasta panjangnya, sedangkan barisan bilik berdekatan dengan ruang besar seratus hasta panjangnya. ⁹ Di bawah bilik-bilik ada pintu masuk di sebelah timur, tempat orang masuk dari pelataran luar.

¹⁰ Pada bentang tembok pelataran sebelah selatan, iaitu di hadapan lapangan tertutup dan di hadapan bangunan itu, terdapat pula bilik-bilik ¹¹ dengan jalan di depannya. Bilik-bilik ini serupa dengan bilik-bilik yang ada di sebelah utara.

Panjang dan lebarnya sama, semua pintunya pun seukuran. Sebagaimana pintu-pintu yang ada

pada bangunan di sebelah utara, ¹² demikian pulalah pintu bilik-bilik yang ada pada bangunan di sebelah selatan. Ada juga sebuah pintu di hujung jalan tadi pada tembok sebelah timur, tempat orang masuk.

¹³ Kemudian dia berkata kepadaku, 'Bilik-bilik di sebelah utara dan bilik-bilik di sebelah selatan yang menghadap lapangan tertutup itu ialah bilik-bilik suci tempat imam yang mendekati kepada Tuhan untuk memakan segala persembahan teramat suci. Di sana mereka akan menaruh segala persembahan yang teramat suci, persembahan bahan makanan, korban penghapus dosa, dan korban penebus kesalahan, kerana tempat itu sememangnya suci. ¹⁴ Setelah imam memasuki tempat suci, mereka tidak boleh keluar dari tempat itu ke pelataran luar sebelum mereka menanggalkan di situ pakaian yang dipakai mereka waktu menyelenggarakan ibadat, kerana segala pakaian mereka itu sememangnya suci. Mereka harus terlebih dahulu memakai pakaian yang lain, yakni pakaian biasa, baru boleh menghampiri tempat yang dibenarkan untuk orang ramai.'

Ukuran lingkungan Bait Suci

¹⁵ Setelah dia selesai mengukur seluruh kawasan bahagian dalam Bait Suci, dibawahnya

aku keluar, ke arah pintu gerbang yang menghadap timur. Lalu dia mengukur sekeliling kawasan Bait Suci itu. ¹⁶ Dia mengukur sisi timur dengan tongkat: lima ratus hasta menurut tongkat pengukur. Lalu dia berbelok ¹⁷ ke sisi utara dan mengukur panjangnya: lima ratus hasta menurut tongkat pengukur. Setelah itu, dia menuju ¹⁸ sisi selatan dan mengukur panjangnya: lima ratus hasta menurut tongkat pengukur. ¹⁹ Akhirnya dia berbelok ke sisi barat dan mengukur panjangnya: lima ratus hasta menurut tongkat pengukur. ²⁰ Demikianlah dia mengukur keempat-empat sisi. Jadi, kawasan itu dikelilingi tembok sepanjang lima ratus hasta dan selebar lima ratus hasta, untuk memisahkan antara yang suci dengan yang biasa.

Kemuliaan Tuhan memasuki Bait Suci

43 ¹ Setelah itu, dia membawa aku ke pintu gerbang yang menghadap ke arah timur, ² dan tampaklah kemuliaan Allah Israel datang dari sebelah timur. Bunyinya seperti bunyi limpahan air, dan bumi bersinar oleh kemuliaan-Nya. ³ Penglihatan itu sama seperti penglihatan yang kudapat ketika Dia datang untuk memusnahkan kota itu, juga sama seperti

penglihatan yang kudapat di tepi Sungai Kebar. Lalu aku pun bersujud. ⁴ Kemuliaan Tuhan masuk ke dalam Bait Suci melalui pintu gerbang yang menghadap ke sebelah timur.

⁵ Roh itu mengangkat aku dan membawa aku ke pelataran dalam. Tampak kemuliaan Tuhan memenuhi Bait Suci. ⁶ Kemudian kudengar Dia berfirman kepadaku dari dalam Bait Suci, sementara orang itu berdiri di sampingku.

⁷ Firman-Nya kepadaku, 'Wahai anak manusia, inilah tempat arasy-Ku¹ dan tempat tumpuan kaki-Ku. Di sinilah Aku akan bersemayam untuk selama-lamanya di tengah-tengah orang Israel. Keturunan kaum Israel – mereka dan juga raja-raja mereka – tidak akan lagi menajiskan nama-Ku yang suci dengan perbuatan kafir mereka, dengan berhala raja-raja mereka di bukit pemujaan, ⁸ atau dengan menaruh ambang pintu mereka dekat ambang pintu-Ku dan tiang-tiang pintu mereka di samping tiang-tiang pintu-Ku sehingga hanya tembok yang memisahkan Aku dengan mereka. Mereka telah menajiskan nama-Ku yang suci dengan kekejian yang dilakukan mereka, sebab itu Aku menghancurkan mereka dalam murka-Ku. ⁹ Sekarang, biarlah

¹**43:7** Perkataan “arasy” mempunyai banyak maksud, tetapi pada umumnya yang dimaksudkan ialah singgahsana atau takhta Tuhan.

mereka menjauhkan perbuatan kafir serta berhala raja-raja mereka daripada-Ku, maka Aku akan bersemayam di tengah-tengah mereka untuk selama-lamanya.

¹⁰ Engkau, wahai anak manusia, beritahulah keturunan kaum Israel tentang Bait Suci ini supaya mereka berasa malu atas kesalahan-kesalahan mereka. Biarlah mereka memperhatikan rancangan mereka. ¹¹ Jika mereka berasa malu atas segala sesuatu dilakukan mereka, beritahulah mereka kerangka Bait itu, tata letaknya, pintu-pintu keluaranya, dan pintu-pintu masuknya – seluruh kerangkanya dengan segala ketentuan serta segala hukumnya. Tulislah di hadapan mata mereka supaya mereka memperhatikan seluruh wujudnya dan menuruti segala ketentuannya. ¹² Inilah hukum mengenai Bait itu: seluruh daerah di sekeliling puncak gunung itu adalah teramat suci. Ya, inilah hukum mengenai Bait itu.'

Ukuran mazbah dan perasmiannya

¹³ Inilah ukuran mazbah dalam ukuran hasta (hasta ini satu telapak tangan lebih panjang daripada hasta biasa): bahagian dasarnya sehasta dalamnya dan sehasta lebarnya dengan pinggiran

selebar satu jengkal pada sekeliling tepinya. Inilah tinggi mazbah itu: ¹⁴ jarak dari dasar di tanah sampai tingkat terbawah ialah dua hasta dengan lebar satu hasta. Jarak dari tingkat terbawah sampai ke tingkat yang di tengah ialah empat hasta dengan lebar satu hasta. ¹⁵ Tempat pendiangannya empat hasta tingginya, dan dari tempat pendiangan itu menganjur empat batang tanduk. ¹⁶ Tempat pendiangan itu berbentuk empat persegi dengan panjang dua belas hasta dan lebar dua belas hasta. ¹⁷ Tingkat tempat kedudukan pendiangan itu pun berbentuk empat persegi dengan panjang empat belas hasta dan lebar empat belas hasta. Pinggiran di sekeliling mazbah lebarnya setengah hasta, manakala dasar di sekelilingnya lebarnya satu hasta. Tangganya menghadap ke timur.

¹⁸ Dia berkata kepadaku, 'Wahai anak manusia, beginilah firman Tuhan Allah, "Inilah ketentuan-ketentuan bagi mazbah itu: pada waktu mazbah itu didirikan dan orang hendak mempersembahkan korban bakaran di atasnya serta memercikkan darah padanya, ¹⁹ berikanlah seekor lembu jantan muda sebagai korban penghapus dosa kepada imam-imam Lewi yang berasal daripada keturunan Zadok, iaitu

orang yang boleh mendekat kepada-Ku untuk menyelenggarakan ibadat bagi-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah. ²⁰ Ambillah sebahagian daripada darahnya dan lumurkanlah pada keempat-empat tanduknya, pada keempat-empat penjuru tingkat itu, dan pada pinggirannya di sekelilingnya. Demikianlah engkau harus menyucikan mazbah itu dan mengadakan pendamaian baginya. ²¹ Ambillah pula lembu jantan untuk korban penghapus dosa. Biarlah lembu itu dibakar di tempat yang sudah ditentukan di Bait Suci, iaitu di luar tempat suci. ²² Pada hari kedua persembahkanlah seekor kambing jantan yang tidak bercacat cela sebagai korban penghapus dosa. Mazbah itu harus disucikan, sebagaimana sudah disucikan dengan lembu jantan. ²³ Sesudah engkau menyelesaikan penyucian, persembahkanlah seekor lembu jantan muda yang tidak bercacat cela dan seekor domba jantan yang tidak bercacat cela daripada kawanan domba. ²⁴ Bawalah semua itu ke hadirat Tuhan. Kemudian para imam harus menaburkan garam ke atasnya serta mempersembhkannya sebagai korban bakaran kepada Tuhan. ²⁵ Tujuh hari lamanya engkau harus mengolah seekor kambing jantan tiap-tiap hari sebagai korban penghapus dosa. Harus diolah pula seekor lembu jantan muda serta seekor domba jantan

yang tidak bercacat cela daripada kawanan domba. ²⁶ Tujuh hari lamanya mereka harus mengadakan pendamaian bagi mazbah itu dan menyucikannya. Demikianlah mereka merasmikannya. ²⁷ Setelah hari-hari itu berakhir, maka pada hari kelapan dan seterusnya imam harus mengolah segala korban bakaranmu serta segala korban kedamaianmu di atas mazbah itu, dan Aku akan berkenan kepadamu, demikianlah firman Tuhan Allah.” ’

Pintu gerbang timur yang tertutup

44 ¹ Kemudian dia membawa aku kembali menuju pintu gerbang luar tempat suci yang menghadap ke timur; pintu gerbang ini tertutup. ² Tuhan berfirman kepadaku, ‘Pintu gerbang ini harus tetap tertutup, tidak boleh dibuka. Tiada seorang pun boleh masuk melaluinya kerana Tuhan, Allah Israel, telah masuk melaluinya. Jadi, pintu itu harus tetap tertutup. ³ Hanya raja itu yang boleh duduk di sana untuk makan santapan di hadapan Tuhan, kerana dia raja. Dia harus masuk melalui serambi pintu gerbang dan keluar melalui jalan itu juga.’

Petunjuk-petunjuk mengenai ibadat dan imam

⁴ Kemudian dia membawa aku melalui pintu gerbang utara ke depan Bait Suci. Ketika kuamati,

tampaklah kemuliaan Tuhan memenuhi Bait Tuhan. Lalu aku pun bersujud. ⁵ Tuhan berfirman kepadaku, ‘Wahai anak manusia, perhatikanlah, lihatlah dengan saksama, dan dengarlah baik-baik segala sesuatu yang Kufirmankan kepadamu tentang segala ketentuan mengenai Bait Tuhan dan tentang segala hukumnya. Perhatikanlah jalan masuk Bait itu dan segala jalan keluar dari tempat suci.

⁶ Katakanlah kepada orang derhaka, iaitu kepada keturunan kaum Israel: Beginilah firman Tuhan Allah, “Cukuplah segala kekejianmu itu, wahai keturunan kaum Israel! ⁷ Ketika kamu membawa santapan persembahan milik-Ku, iaitu lemak dan darah, kamu membawa masuk orang asing yang tidak bersunat hati dan tubuh mereka ke dalam tempat suci-Ku, sehingga mereka mencemarkan Bait-Ku. Kamu mengingkari perjanjian-Ku sehingga segala kekejianmu bertambah. ⁸ Kamu tidak menunaikan kewajiban dalam hal barang-barang tempat suci-Ku, melainkan kamu mengangkat orang lain itu untuk menunaikan kewajiban di tempat suci-Ku.”

⁹ Beginilah firman Tuhan Allah, “Setiap orang asing yang tidak bersunat hati dan tubuhnya tidak boleh masuk ke tempat suci-Ku – ya, setiap orang asing yang ada di tengah-tengah orang Israel.

¹⁰ Tetapi orang Lewi pun, yang menjauh daripada Aku pada masa kesesatan orang Israel dan yang berpaling daripada Aku demi mengikuti berhala-berhala mereka, akan menanggung kesalahan mereka. ¹¹ Mereka boleh bertugas di tempat suci-Ku, menjadi pengawas di pintu-pintu gerbang Bait Suci, dan menyelenggarakan ibadat di dalam Bait Suci. Mereka boleh menyembelih korban bakaran dan korban sembelihan bagi bangsa itu, serta bertugas melayani bangsa itu. ¹² Namun demikian, kerana mereka telah melayani bangsa itu di depan berhala mereka serta menjadi batu sandungan yang menyebabkan keturunan kaum Israel terjatuh ke dalam kesalahan, maka Aku bersumpah mengenai mereka, demikianlah firman Tuhan Allah, bahawa mereka akan menanggung kesalahan sendiri. ¹³ Mereka tidak boleh mendekat kepada-Ku untuk menunaikan tugas sebagai imam bagi-Ku, atau mendekati segala barang-Ku yang suci dan yang teramat suci. Mereka akan menanggung aib serta akibat daripada segala kekejian yang dilakukan mereka. ¹⁴ Walaupun demikian, mereka Kutetapkan untuk menunaikan tugas di Bait Suci, khususnya segala pekerjaan yang berhubungan dengan Bait itu dan segala sesuatu yang perlu dilakukan di situ.

¹⁵ Akan tetapi, mereka yang akan mendekat kepada-Ku untuk menyelenggarakan ibadat bagi-Ku ialah para imam Lewi dari bani Zadok, yang menunaikan tugas di tempat suci-Ku ketika orang Israel berpaling daripada Aku. Mereka akan bertugas di hadirat-Ku untuk mempersembahkan lemak dan darah kepada-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah. ¹⁶ Selain itu, mereka pun akan masuk ke dalam tempat suci-Ku dan mendekati meja suci-Ku untuk menyelenggarakan ibadat bagi-Ku. Mereka akan menunaikan kewajiban mereka terhadap Aku.

¹⁷ Pada waktu mereka memasuki pintu gerbang pelataran dalam, mereka harus memakai pakaian linen. Mereka tidak boleh mengenakan pakaian bulu domba apabila menyelenggarakan ibadat di pintu-pintu gerbang pelataran dalam atau di dalam Bait Suci. ¹⁸ Selain itu, mereka pun harus memakai ikat kepala daripada kain linen dan mengenakan celana linen. Mereka tidak boleh mengikat pinggang dengan sesuatu yang membuat mereka berpeluh. ¹⁹ Ketika mereka tampil di pelataran luar untuk menemui orang ramai, mereka harus menanggalkan pakaian yang dipakai mereka sewaktu menyelenggarakan ibadat dan menyimpannya di dalam bilik-bilik

suci. Mereka harus mengenakan pakaian yang lain supaya jangan orang ramai menjadi suci kalau terkena pakaian mereka.

²⁰ Mereka tidak boleh mencukur habis rambut atau membiarkan rambut tumbuh panjang, melainkan hanya boleh memangkas pendek rambut mereka. ²¹ Semua imam tidak boleh minum air anggur ketika masuk ke pelataran dalam. ²² Mereka tidak boleh memperisteri seorang balu atau perempuan yang sudah diceraikan oleh suami, melainkan harus memperisteri seorang perawan daripada keturunan kaum Israel atau seorang balu imam.

²³ Mereka harus mengajar umat-Ku membezakan antara yang suci dengan yang biasa, dan memberitahukan perbezaan antara yang najis dengan yang tidak najis. ²⁴ Dalam sesuatu perkara mereka harus bertugas sebagai hakim dan mengadili menurut peraturan-peraturan-Ku. Mereka harus berpegang teguh pada segala hukum-Ku dan ketetapan-ketetapan-Ku pada segala hari perayaan-Ku, serta menjaga kesucian hari-hari Sabat-Ku.

44:20: Im 21:5. **44:21:** Im 10:9.

44:22: Im 21:7,13,14. **44:23:** Im 10:10.

²⁵ Mereka tidak boleh mendekati mayat sehingga menjadi najis. Hanya dengan mayat ayah mereka, ibu mereka, anak mereka baik lelaki maupun perempuan, saudara lelaki mereka, atau saudara perempuan mereka yang belum bersuami, mereka boleh menajiskan diri. ²⁶ Setelah disucikan, dia harus menghitung tujuh hari. ²⁷ Pada hari dia masuk lagi ke pelataran dalam serta ke tempat suci untuk menyelenggarakan ibadat di tempat suci, dia harus mempersembahkan korban penghapus dosanya, demikianlah firman Tuhan Allah.

²⁸ Mereka akan memiliki satu harta pusaka: Akulah harta pusaka mereka. Jangan berikan kepada mereka tanah milik di Israel. Akulah milik mereka. ²⁹ Mereka harus memakan persembahan bahan makanan, korban penghapus dosa, dan korban penebus kesalahan. Apa-apa pun yang diwakafkan di Israel akan menjadi bahagian mereka. ³⁰ Semua yang terbaik daripada hasil pertama apa-apa pun serta segala persembahan khusus apa-apa pun daripada segala persembahan khusus kamu ialah bahagian imam. Yang terbaik daripada tepung barlimu harus kauberikan kepada imam supaya berkat

turun ke atas rumahmu. ³¹ Segala burung dan haiwan yang sudah mati atau dicabik-cabikkan binatang buas tidak boleh dimakan oleh imam.” ’

Tanah persembahan khusus

45 ¹ ‘Apabila kamu membahagi-bahagikan negeri itu menjadi harta pusakamu, wakafkanlah kepada Tuhan sebidang tanah sebagai persembahan khusus yang suci. Panjangnya haruslah 25,000 hasta dan lebarnya 20,000 hasta; seluruh tanah di sempadan itu suci. ² Daripada bidang tanah itu sediakanlah sebahagian tanah berbentuk empat persegi seluas 500 hasta kali 500 hasta untuk tempat suci, dan di sekelilingnya harus ada padang terbuka selebar 50 hasta. ³ Daripada tanah yang suci itu pula ukurlah sebidang tanah sepanjang 25,000 hasta dan selebar 10,000 hasta; di kawasan inilah terletak tempat suci tadi, Tempat Yang Maha Suci. ⁴ Kawasan itu ialah bahagian yang suci daripada tanah itu dan ditakdiskan bagi para imam yang datang mendekat untuk menyelenggarakan ibadat bagi Tuhan di tempat suci. Kawasan itu akan menjadi tempat perumahan mereka dan menjadi daerah yang suci untuk tempat suci. ⁵ Baki tanah

selebihnya yakni yang sepanjang 25,000 hasta dan selebar 10,000 hasta akan menjadi bahagian orang Lewi yang menyelenggarakan ibadat di Bait Suci. Mereka akan mendapat kota-kota milik sebagai tempat tinggal.

Tanah milik umat Allah dan raja

⁶ Bersempadan dengan tanah persembahan khusus yang suci itu tentukanlah tanah milik kota yang akan menjadi bahagian seluruh keturunan kaum Israel, yang selebar 5,000 hasta dan sepanjang 25,000 hasta.

⁷ Bahagian raja harus terdapat di sebelah barat dan timur tanah persembahan khusus yang suci serta tanah milik kota tadi, membentang ke arah barat dari sempadan barat tanah itu, dan membentang ke arah timur dari sempadan timur tanah itu. Panjangnya harus selaras dengan panjang salah satu bahagian milik suku Israel, dari sempadan barat sampai ke sempadan timur.

⁸ Itulah tanah yang menjadi miliknya di Israel. Raja-raja yang Kuangkat tidak akan menindas umat-Ku lagi, melainkan akan menyerahkan negeri itu kepada keturunan kaum Israel menurut suku-suku mereka.'

Tugas umat Allah dan tanggungjawab raja

⁹ Beginilah firman Tuhan Allah, 'Cukuplah itu, wahai raja-raja Israel! Jauhkanlah kekerasan dan penjarahan. Tegakkanlah keadilan dan kebenaran. Hentikanlah perampasan terhadap milik umat-Ku, demikianlah firman Tuhan Allah.

¹⁰ Gunalah neraca yang betul, efa^m yang betul, dan batⁿ yang betul.

¹¹ Efa dan bat harus sama ukurannya sehingga satu bat dapat memuat sepersepuluh homer,^o dan satu efa dapat memuat sepersepuluh homer juga. Homer harus menjadi piawaian ukurannya.

¹² Syikal haruslah dua puluh gera.^p Dua puluh syikal,^q tambah dua puluh lima syikal tambah lima belas syikal sama dengan satu mina.^r

¹³ Inilah persembahan khusus yang harus kamu persembahkan: seperenam efa daripada satu homer gandum dan seperenam efa daripada satu homer barli; ¹⁴ minyak sesuai ketetapanannya

^m**45:10** efa: Satu efa kira-kira 22 liter.

ⁿ**45:10** bat: Satu bat kira-kira 22 liter.

^o**45:11** homer: Satu homer kira-kira 220 liter

^p**45:12** dua puluh gera: Kira-kira 10 gram.

^q**45:12** syikal: Mata wang kira-kira 11.4 gram perak.

^r**45:12** mina: Satu mina kira-kira 570 gram

45:10: Im 19:36.

menurut bat minyak, iaitu sepersepuluh bat daripada setiap kor^s (sepuluh bat atau satu homer, kerana sepuluh bat sama dengan satu homer); ¹⁵ dan seekor domba daripada setiap dua ratus ekor kawanan domba di padang subur Israel. Semua itu adalah untuk persembahan bahan makanan, korban bakaran, dan korban kedamaian untuk mengadakan pendamaian bagi mereka, demikianlah firman Tuhan Allah.

¹⁶ Seluruh rakyat negeri harus mempersembahkan persembahan khusus itu kepada raja Israel. ¹⁷ Sesungguhnya, raja wajib menyediakan korban bakaran, persembahan bahan makanan, dan persembahan minuman pada perayaan, bulan baru, hari Sabat, dan setiap hari perayaan keturunan kaum Israel. Dia harus mengolah korban penghapus dosa, persembahan bahan makanan, korban bakaran, dan korban kedamaian untuk mengadakan pendamaian bagi keturunan kaum Israel.'

Persembahan pada Hari Raya

¹⁸ Beginilah firman Tuhan Allah, 'Pada hari pertama pada bulan pertama, ambillah seekor lembu jantan muda yang tidak bercacat cela dan sucikanlah tempat suci itu. ¹⁹ Imam harus

^s45:14 kor: Satu kor kira-kira 200 liter.

mengambil sebahagian daripada darah korban penghapus dosa lalu melumurkannya pada tiang-tiang pintu Bait Suci, pada keempat-empat penjuru tingkat teratas mazbah, dan pada tiang-tiang pintu gerbang pelataran dalam.

²⁰ Lakukanlah juga demikian pada hari ketujuh dalam bulan itu bagi orang yang berbuat dosa kerana kejahilan dan kesilapan yang tidak sengaja. Dengan begitu engkau mengadakan pendamaian bagi Bait Suci.

²¹ Pada hari keempat belas dalam bulan itu juga adakanlah Perayaan Paskah. Perayaan itu harus berlangsung selama tujuh hari, dan orang harus makan roti yang tidak beragi. ²² Pada hari itu raja harus mengolah lembu jantan sebagai korban penghapus dosa bagi dirinya dan bagi seluruh rakyat negeri. ²³ Tiap-tiap hari selama tujuh hari perayaan itu dia harus mengolah korban bakaran bagi Tuhan berupa tujuh ekor lembu jantan dan tujuh ekor domba jantan yang tidak bercacat cela, serta korban penghapus dosa berupa seekor kambing jantan. ²⁴ Dia harus mengolah persembahan bahan makanan berupa satu efa tepung untuk seekor lembu jantan, satu

efa tepung untuk seekor domba jantan, dan satu hin^t minyak untuk satu efa tepung.

²⁵ Pada hari perayaan pada hari kelima belas bulan ketujuh, dia harus mengolah korban penghapus dosa, korban bakaran, persembahan bahan makanan, dan minyak dengan cara yang sama, lalu dilanjutkan tujuh hari lamanya.'

46 ¹ Beginilah firman Tuhan Allah, 'Pintu gerbang pelataran dalam yang menghadap ke timur harus ditutup selama enam hari kerja, tetapi pada hari Sabat pintu itu harus dibuka. Pada hari bulan baru pun pintu itu harus dibuka. ² Raja harus masuk dari luar melalui serambi pintu gerbang lalu berdiri dekat tiang pintu gerbang itu. Kemudian para imam harus mengolah korban bakaran dan korban kedamaian raja itu. Selanjutnya raja harus sujud menyembah di ambang pintu gerbang lalu keluar, dan pintu gerbang itu tidak boleh ditutup sampai petang hari. ³ Rakyat negeri juga harus sujud menyembah di hadapan Tuhan di pintu gerbang itu pada hari Sabat dan pada bulan baru.

⁴ Korban bakaran yang harus dipersembahkan raja itu kepada Tuhan pada hari Sabat ialah enam ekor domba yang tidak bercacat cela dan seekor

^t**45:24** hin: Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter

45:25: Im 23:33-36; Bil 29:12-38.

domba jantan yang juga tidak bercacat cela.

⁵ Persembahan bahan makanan yang menyertai domba jantan itu harus berupa satu efa^u tepung, manakala persembahan bahan makanan yang menyertai domba lain harus diberikan sekadar mengikuti kemampuannya, berserta minyak satu hin^v untuk satu efa tepung.

⁶ Pada hari bulan baru dia harus mempersembahkan seekor lembu jantan muda, enam ekor domba, dan seekor domba jantan, semuanya harus tidak bercacat cela. ⁷ Dia harus mengolah persembahan bahan makanan berupa satu efa tepung untuk lembu jantan itu dan satu efa tepung untuk domba jantan itu, manakala untuk domba lain sekadar mengikut kemampuannya sahaja, semuanya dengan minyak satu hin^w untuk satu efa tepung. ⁸ Ketika raja masuk, dia harus masuk melalui serambi pintu gerbang lalu keluar melalui jalan itu juga.

⁹ Tetapi apabila rakyat negeri datang menghadap hadirat Tuhan pada hari-hari perayaan, maka sesiapa yang masuk melalui pintu gerbang utara untuk beribadat harus keluar

^u**46:5** Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter. Juga disebut dalam ayat 7, 11, 14.

^v**46:5** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

^w**46:7** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

melalui pintu gerbang selatan, dan sesiapa yang masuk melalui pintu gerbang selatan harus keluar melalui pintu gerbang utara. Dia tidak boleh kembali melalui pintu gerbang tempat dia masuk, melainkan harus keluar berlalu pintu di seberangnya. ¹⁰ Apabila orang itu masuk, raja pun harus masuk bersama-sama mereka. Apabila mereka keluar, dia juga harus keluar.

¹¹ Dalam apa-apa pesta dan hari-hari perayaan harus ada persembahan bahan makanan berupa satu efa tepung untuk seekor lembu jantan, satu efa tepung untuk seekor domba jantan, dan tepung untuk domba lain sebanyak yang mampu diberikannya, serta minyak satu hin^x untuk satu efa tepung.

¹² Apabila raja hendak mengolah korban bakaran sukarela atau korban kedamaian sukarela bagi Tuhan, maka pintu gerbang yang menghadap ke timur harus dibuka baginya. Dia harus mempersembahkan korban bakaran dan korban kedamaiannya seperti yang dilakukannya pada hari Sabat, kemudian keluar. Setelah dia keluar, pintu gerbang itu harus ditutup.

¹³ Tiap-tiap hari, pagi demi pagi, engkau harus mengolah seekor domba berumur setahun dan yang tidak bercacat cela sebagai korban bakaran

^x**46:11** Satu hin: Sukatan kira-kira 3.7 liter.

bagi Tuhan. ¹⁴ Engkau juga harus mengolah persembahan bahan makanan pagi demi pagi berupa seperenam efa tepung dan sepertiga hin minyak untuk mengadun tepung terbaik itu. Itulah persembahan bahan makanan bagi Tuhan dengan ketentuan yang tetap berlaku untuk selama-lamanya. ¹⁵ Demikianlah domba, persembahan bahan makanan, dan minyak itu harus diolah pagi demi pagi sebagai korban bakaran yang tetap.'

¹⁶ Beginilah firman Tuhan Allah, 'Apabila raja mengurniakan suatu pemberian kepada salah seorang anaknya, maka hal itu menjadi milik anak-anaknya, dan milik itu menjadi harta pusaka mereka. ¹⁷ Tetapi apabila dia mengurniakan suatu pemberian daripada harta pusaknya kepada salah seorang hambanya, maka hal itu menjadi milik si hamba sampai tahun kebebasan. Setelah itu, hal itu kembali menjadi milik raja. Harta pusaka raja hanya dapat dimiliki oleh anak-anaknya. ¹⁸ Raja tidak boleh mengambil sesuatu daripada harta pusaka rakyat sehingga mereka terusir daripada milik mereka. Dia hanya boleh mewariskan pusaka kepada anak-anaknya daripada milik sendiri, supaya umat-Ku tidak

tercerai-berai daripada harta benda milik masing-masing.'

Tempat merebus korban

¹⁹ Kemudian dia membawa aku melalui pintu masuk yang ada di sisi pintu gerbang, menuju bilik-bilik suci untuk imam yang menghadap ke utara. Lalu di hujung sebelah barat tampak ada sebuah tempat. ²⁰ Katanya kepadaku, 'Itu ialah tempat imam merebus daging korban penebus kesalahan dan korban penghapus dosa, juga tempat untuk membakar persembahan bahan makanan. Dengan demikian semua itu tidak perlu dibawa ke pelataran luar sehingga membuat rakyat menjadi suci.'

²¹ Selanjutnya dia membawa aku ke pelataran luar dan membiarkan aku berjalan menuju keempat-empat sudut pelataran itu. Tampak di tiap-tiap sudut ada pelataran lain. ²² Pelataran-pelataran pada keempat-empat sudut itu kecil dan sama ukurannya iaitu sepanjang empat puluh hasta dan selebar tiga puluh hasta. ²³ Keempat-empat pelataran di sudut itu dikelilingi oleh tembok batu, dan di bahagian bawah sekeliling tembok batu itu dibuat beberapa tempat masak. ²⁴ Dia berkata kepadaku, 'Ini ialah dapur, tempat petugas Bait Suci merebus daging korban sembelihan daripada rakyat.'

Sungai yang keluar dari Bait Suci

47 ¹ Dia membawa aku kembali ke pintu Bait Suci. Tampak air mengalir dari bawah ambang pintu Bait Suci ke arah timur, kerana Bait itu menghadap ke timur. Air itu mengalir daripada bahagian bawah sisi kanan Bait Suci, di sebelah selatan mazbah. ² Kemudian dia membawa aku keluar melalui pintu gerbang utara dan berputar menuju pintu gerbang luar yang menghadap ke arah timur. Tampak air memancar di sebelah selatan.

³ Orang itu pergi ke arah timur sambil membawa tali pengukur. Lalu dia mengukur jarak sepanjang seribu hasta lalu disuruhnya aku masuk ke air itu, tingginya satu mata kaki. ⁴ Dia mengukur lagi sepanjang seribu hasta dan menyuruh aku masuk ke air itu, ternyata tingginya paras lutut. Lagi-lagi dia mengukur sepanjang seribu hasta lalu menyuruh aku masuk, air itu setinggi pinggang. ⁵ Kemudian dia mengukur seribu hasta lagi. Kali ini air itu sudah menjadi sungai yang tidak dapat kuseberangi kerana airnya telah meninggi. Cukup tinggi air itu sehingga orang dapat berenang – sungai itu sudah tidak dapat

diseberangi. ⁶ Katanya kepadaku, 'Sudahkah kaulihat, wahai anak manusia?'

Kemudian dia membawa aku kembali ke tepi sungai. ⁷ Ketika aku kembali, tampak di kedua-dua belah tepian sungai itu ada banyak sekali pokok. ⁸ Katanya kepadaku, 'Air ini mengalir ke wilayah timur lalu turun ke Araba dan bermuara di Laut Mati. Ketika air mengalir itu sampai di laut, air laut pun menjadi tawar. ⁹ Jadi, ke mana-mana pun sungai itu bermuara, semua makhluk hidup yang berkerumun di sana akan hidup. Ikan akan menjadi sangat banyak kerana air ini bermuara ke sana dan menjadikan air laut itu tawar. Ke mana-mana pun sungai itu bermuara, segala sesuatu di sana akan hidup. ¹⁰ Penangkap ikan akan berdiri di tepiannya, mulai En-Gedi sampai ke En-Eglaim akan ada tempat membentangkan jaring. Ikan di sungai itu akan sangat banyak jenisnya, seperti ikan di laut besar. ¹¹ Akan tetapi, rawanya dan empang-empangnya tidak akan menjadi tawar. Tempat-tempat itu ditentukan sebagai tempat orang mengambil garam. ¹² Di kedua-dua belah tepian sungai itu akan tumbuh berbagai-bagai pokok buah-buahan. Daunnya tidak akan layu dan buahnya tidak akan habis. Tiap-tiap bulan

pokok-pokok itu akan mengeluarkan buah baru kerana air yang mengalir dari tempat suci mengairi mereka. Buahnya akan menjadi makanan dan daunnya menjadi ubat.'

Batas sempadan Tanah Israel

¹³ Beginilah firman Tuhan Allah, 'Inilah batas sempadan dari tanah yang harus kamu bahagikan supaya menjadi harta pusaka kepada dua belas suku Israel. Yusuf mendapat dua bahagian.

¹⁴ Bahagikanlah tanah itu secara rata-rata. Aku telah bersumpah untuk mengurniaknya kepada nenek moyangmu dan tanah ini akan menjadi harta pusakamu.

¹⁵ Inilah sempadan tanah itu.

Di sebelah utara: dari laut besar melalui Hetlon sampai jalan masuk ke Zedad, ¹⁶ Hamat, Berota, Sibraim, yang terletak di antara daerah Damsyik dengan daerah Hamat, terus ke Hazar Hatekhon di daerah Hauran. ¹⁷ Jadi, sempadan itu membentang dari laut sampai ke Hazar-Enan di sebelah utara daerah Damsyik. Daerah Hamat terletak di sebelah utaranya. Itulah sempadan sebelah utara.

¹⁸ Di sebelah timur: di antara Hauran, Damsyik, dan Gilead dengan Tanah Israel ada Sungai Yordan. Kamu harus mengukurnya dari

perbatasan utara sampai ke laut timur. Itulah sempadan sebelah timur.

¹⁹ Di sebelah selatan: dari Tamar sampai ke mata air Meriba dekat Kadesh, terus ke Wadi Mesir, terus lagi sampai ke laut besar. Itulah sempadan sebelah selatan.

²⁰ Di sebelah barat: laut besar menjadi sempadan sampai ke tempat di depan jalan masuk Hamat. Itulah sempadan sebelah barat.'

Pembahagian Tanah Israel

²¹ 'Tanah ini harus kamu bahagi-bahagikan antara kamu menurut suku-suku Israel. ²² Kamu harus membahagikannya dengan mencabut undi sebagai harta pusaka bagimu dan bagi pendatang yang tinggal antara kamu dan yang mempunyai anak di tengah-tengah kamu. Orang itu harus kamu anggap sama seperti warga asli orang Israel. Mereka akan mendapat harta pusaka bersama denganmu di tengah-tengah suku-suku Israel. ²³ Jadi, di wilayah suku mana-mana pendatang itu tinggal, di situlah kamu harus memberikan harta pusakanya,' demikianlah firman Tuhan Allah.

48 ¹ 'Inilah nama suku-suku itu. Di hujung utara, suku Dan mendapat satu bahagian. Wilayahnya membentang dari timur ke barat, dengan sempadan utara dari dekat jalan

Hetlon sampai ke jalan masuk Hamat, terus ke Hazar-Enan di sempadan utara Damsyik dekat Hamat. ² Bersempadan dengan daerah suku Dan, suku Asyer mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat.

³ Bersempadan dengan daerah suku Asyer, suku Naftali mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ⁴ Bersempadan

dengan daerah suku Naftali, suku Manasye mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ⁵ Bersempadan dengan

daerah suku Manasye, suku Efraim mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ⁶ Bersempadan dengan daerah suku

Efraim, suku Ruben mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat.

⁷ Bersempadan dengan daerah suku Ruben, suku Yehuda mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat.

⁸ Bersempadan dengan daerah suku Yehuda ialah tanah persembahan khusus yang kamu persembahkan, membentang dari timur sampai ke barat. Lebarinya 25,000 hasta dan panjangnya dari timur ke barat sama dengan panjang salah satu bahagian milik suku Israel. Tempat suci akan berada di tengah-tengahnya.

⁹ Tanah persembahan khusus yang kamu persembahkan kepada Tuhan haruslah 25,000

hasta panjangnya dan 10,000 hasta lebarnya.

¹⁰ Tanah persembahan khusus yang suci itu diperuntukkan bagi imam. Ukurannya 25,000 hasta panjangnya di sebelah utara, 10,000 hasta lebarnya di sebelah barat, 10,000 hasta lebarnya di sebelah timur, dan 25,000 hasta panjangnya di sebelah selatan. Di tengah-tengahnya akan ada tempat suci Tuhan. ¹¹ Itulah bahagian untuk imam yang telah disucikan, iaitu bani Zadok, yang memegang teguh kewajipan mereka terhadap Aku dan yang tidak ikut sesat dalam kesesatan orang Israel, seperti orang Lewi. ¹² Bahagian itu akan menjadi milik mereka sebagai suatu persembahan khusus daripada tanah yang dikhususkan, suatu bahagian yang teramat suci, bersempadan dengan daerah orang Lewi.

¹³ Sejajar dengan daerah imam, orang Lewi akan mendapat tanah dengan ukuran 25,000 hasta panjangnya dan 10,000 hasta lebarnya. Panjang seluruhnya ialah 25,000 hasta dan lebarnya 10,000 hasta. ¹⁴ Mereka tidak boleh menjual atau menukar sebahagian daripada tanah itu. Mereka pun tidak boleh mengalihkan pemilikan bahagian terbaik negeri itu kerana bahagian itu suci bagi Tuhan.

¹⁵ Daerah yang tersisa daripada lebarnya, iaitu 5,000 hasta lagi dengan panjang 25,000 hasta, ialah tanah biasa untuk kota sebagai tempat

tinggal dan padang ragut, sementara kotanya akan berada di tengah-tengahnya. ¹⁶ Ukuran kota itu ialah 4,500 hasta di sebelah utara, 4,500 hasta di sebelah selatan, 4,500 hasta di sebelah timur, dan 4,500 hasta di sebelah barat. ¹⁷ Di sekeliling kota itu baik di sebelah utara, selatan, timur, mahupun baratnya ada padang terbuka selebar 250 hasta. ¹⁸ Daerah yang tersisa daripada panjangnya, yang sejajar dengan tanah persembahan khusus yang suci itu, berukuran 10,000 hasta di sebelah timur dan 10,000 hasta di sebelah barat. Daerah itu terletak sejajar dengan tanah persembahan khusus yang suci, dan hasil tanahnya akan menjadi makanan untuk pekerja kota. ¹⁹ Pekerja kota yang akan menggarapnya berasal daripada semua suku Israel.

²⁰ Jadi, seluruh tanah persembahan khusus itu berbentuk empat persegi dengan ukuran 25,000 hasta kali 25,000 hasta, meliputi tanah persembahan khusus yang suci dan juga tanah milik kota itu.

²¹ Tanah selebihnya, iaitu tanah di sebelah timur dan di sebelah barat daripada tanah persembahan khusus yang suci serta tanah milik kota itu, ialah tanah milik raja. Jadi, raja memiliki daerah yang bersempadan dengan 25,000 hasta sisi lebar tanah persembahan khusus itu sampai ke sempadan timur, dan di sebelah barat ialah

daerah yang bersempadan dengan 25,000 hasta sisi lebar tanah itu sampai ke sempadan barat, sejajar dengan bahagian suku-suku Israel. Di tengah-tengahnya ialah tanah persembahan khusus yang suci dan tempat suci Bait itu, ²² demikian pula tanah milik orang Lewi serta tanah milik kota itu – semuanya berada di tengah-tengah kepunyaan raja. Tanah milik raja terbentang di antara daerah suku Yehuda dengan daerah suku Benyamin.

²³ Yang selanjutnya ialah tanah milik suku-suku selebihnya. Suku Benyamin mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ²⁴ Bersempadan dengan daerah suku Benyamin, suku Simeon mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ²⁵ Bersempadan dengan daerah suku Simeon, suku Isakhar mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ²⁶ Bersempadan dengan daerah suku Isakhar, suku Zebulon mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat. ²⁷ Bersempadan dengan daerah suku Zebulon, suku Gad mendapat satu bahagian, membentang dari timur sampai ke barat.

²⁸ Bersempadan dengan daerah suku Gad di sebelah selatan membentang dari Tamar sampai

ke mata air Meriba dekat Kadesh, lalu berlanjut ke Wadi Mesir sampai ke laut besar.

²⁹ Inilah negeri yang harus kamu bahagikan dengan mencabut undi sebagai harta pusaka bagi suku-suku Israel. Inilah bahagian-bahagian mereka,' demikianlah firman Tuhan Allah.

Kota suci

³⁰ 'Berikut ini ialah pintu-pintu keluar Kota Yerusalem. Mulai tembok sebelah utara, yang berukuran 4,500 hasta, ³¹ pintu-pintu gerbang kota itu dinamai menurut nama suku-suku Israel. Ada tiga pintu gerbang di sebelah utara, masing-masing pintu gerbang Ruben, pintu gerbang Yehuda, dan pintu gerbang Lewi. ³² Di tembok sebelah timur yang berukuran 4,500 hasta ada tiga pintu gerbang, masing-masing pintu gerbang Yusuf, pintu gerbang Benyamin, dan pintu gerbang Dan. ³³ Di tembok sebelah selatan yang berukuran 4,500 hasta ada tiga pintu gerbang, masing-masing pintu gerbang Simeon, pintu gerbang Isakhar, dan pintu gerbang Zebulon. ³⁴ Di tembok sebelah barat yang berukuran 4,500 hasta ada tiga pintu gerbang, masing-masing pintu gerbang Gad, pintu gerbang Asyer, dan pintu gerbang Naftali.

³⁵ Ukuran keliling kota itu ialah 18,000 hasta.
Sejak hari itu kota itu dinamai: Tuhan HADIR DI
SITU.'

DANIEL

Di istana Babel

1 ¹ Pada tahun ketiga dalam zaman pemerintahan Yoyakim, raja Yehuda, datanglah Nebukadnezar, raja Babel, ke Yerusalem lalu mengepung kota itu. ² Tuhan menyerahkan Yoyakim, raja Yehuda, ke dalam tangannya berserta sebahagian daripada perkakas-perkakas Rumah Allah. Nebukadnezar membawa kesemua itu ke Tanah Sinear, ke kuil dewanya. Perkakas-perkakas itu dimasukkan ke dalam tempat perbendaharaan dewanya.

³ Kemudian raja itu menyuruh Aspenas, ketua pegawai istananya, untuk membawa beberapa orang Israel daripada kalangan keturunan raja serta para bangsawan. ⁴ Mereka itu haruslah orang muda yang sama sekali tidak ada cacat-cela, bagus perawakan, memahami segala kebijaksanaan, berpengetahuan luas, mengerti ilmu, dan yang berkemampuan untuk berkhidmat di dalam istana raja. Mereka harus

1:1: 2Raj 24:1; 2Taw 36:5-7.

1:2: 2Raj 20:17,18; 24:10-16; 2Taw 36:10; Yes 39:7,8.

diajar tulisan dan bahasa orang Kasdim. ⁵ Raja menetapkan bagi mereka peruntukan hidangan harian daripada santapan dan minuman anggur diraja. Mereka harus dididik selama tiga tahun, dan setelah itu mereka akan berkhidmat kepada raja. ⁶ Antara mereka ada beberapa orang Yehuda, iaitu Daniel, Hananya, Misael, dan Azarya. ⁷ Ketua pegawai istana itu memberikan nama baru kepada mereka. Daniel dinamakannya Beltsazar, Hananya dinamakannya Sadrakh, Misael dinamakannya Mesakh, dan Azarya dinamakannya Abednego.

⁸ Daniel bertekad untuk tidak menajiskan diri dengan santapan atau minuman anggur diraja. Oleh sebab itu dia meminta kepada ketua pegawai istana supaya diizinkan untuk tidak menajiskan diri. ⁹ Allah membuat Daniel mendapat belas kasih dan sayang daripada ketua pegawai istana itu. ¹⁰ Namun demikian, ketua pegawai istana berkata kepada Daniel, “Aku takut kepada Tuanku Raja, yang telah menentukan makanan dan minuman bagi kamu. Mengapa baginda harus melihat penampilanmu lebih buruk daripada para anak muda yang sebaya dengan kamu? Kamu ini membahayakan kepalaku di hadapan raja!”

¹¹ Kemudian Daniel berkata kepada penjaga yang telah ditugaskan oleh ketua pegawai istana

untuk mengawasi Daniel, Hananya, Misael, dan Azarya, ¹² “Ujilah hamba-hambamu ini selama sepuluh hari. Berilah kami makan sayur dan minum air sahaja. ¹³ Kemudian biarlah tuan mengamati perawakan kami berbanding dengan perawakan orang muda yang makan santapan diraja, dan selepas itu, perlakukanlah hamba-hambamu ini selaras dengan pengamatan tuan.”

¹⁴ Penjaga itu bersetuju dengan permintaan mereka lalu menguji mereka selama sepuluh hari. ¹⁵ Setelah sepuluh hari berlalu, tampaklah betapa perawakan mereka lebih baik dan tubuh mereka lebih gemuk daripada semua orang muda yang makan santapan diraja. ¹⁶ Jadi, penjaga itu menyingkirkan makanan dan air anggur yang sepatutnya diminum mereka, dan sebaliknya memberikan sayur kepada mereka.

¹⁷ Kepada keempat-empat orang muda itu Allah mengurniakan pengetahuan dan kemahiran tentang berbagai-bagai tulisan dan ilmu sementara Daniel sendiri dapat memahami berbagai-bagai penglihatan dan mimpi.

¹⁸ Pada akhir tempoh yang ditetapkan raja untuk menghadapkan mereka, ketua pegawai istana membawa mereka kepada Nebukadnezar. ¹⁹ Raja berbicara dengan mereka, dan antara semua orang itu tidak ada yang seperti Daniel,

Hananya, Misael, dan Azarya. Maka mereka pun berkhidmat kepada raja. ²⁰ Dalam segala hal berkenaan hikmah dan pengertian yang ditanyakan raja kepada mereka, raja mendapati mereka sepuluh kali lebih handal daripada semua ahli ilmu ghaib dan ahli mantera di seluruh kerajaannya. ²¹ Maka Daniel tinggal di sana sampai tahun yang pertama zaman pemerintahan Raja Kores.

Mimpi Raja Nebukadnezar

2 ¹ Pada tahun yang kedua dalam zaman pemerintahannya, Raja Nebukadnezar mendapat mimpi lantas hatinya amat resah dan dia susah tidur. ² Raja memanggil para ahli ilmu ghaib, para ahli mantera, para tukang faal, dan orang Kasdim untuk memberitahunya apa yang dimimpinya itu. Maka datanglah mereka dan berdiri di hadapan raja. ³ Kata raja kepada mereka, “Aku mendapat mimpi, dan hatiku resah kerana ingin memahami mimpi itu.”

⁴ Kata orang Kasdim kepada raja dalam bahasa Aram, “Dirgahayu Raja! Ceritakanlah mimpi itu kepada hambamu ini, maka kami akan memberitahukan tafsirannya.”

⁵ Jawab raja kepada orang Kasdim itu, “Keputusanku sudah bulat: Jika kamu tidak memberitahukan kepadaku mimpi itu dengan

tafsirannya, maka kamu akan dikerat-kerat dan rumahmu akan dijadikan timbunan puing.

⁶ Tetapi jika kamu memberitahukan mimpi itu dengan tafsirannya, maka kamu akan menerima pemberian, hadiah, dan kehormatan besar daripadaku. Oleh sebab itu, beritahukanlah kepadaku mimpi itu dengan tafsirannya!”

⁷ Mereka menjawab sekali lagi, “Biarlah Raja menceritakan mimpi itu kepada hamba-hambanya ini, maka kami akan memberitahukan tafsirannya.”

⁸ Kata raja, “Aku tahu pasti bahawa kamu hendak melengah-lengahkan masa, kerana kamu melihat bahawa keputusanku sudah bulat, ⁹ yakni jika kamu tidak memberitahukan kepadaku mimpi itu, maka kamu akan dijatuhi satu hukuman yang sama. Kamu telah bersepakat untuk menyampaikan kata-kata dusta dan busuk supaya keadaan akan berubah. Oleh sebab itu ceritakanlah kepadaku mimpi itu, maka aku akan tahu bahawa kamu dapat pula memberitahukan tafsirannya.”

¹⁰ Jawab orang Kasdim itu kepada raja, “Tidak ada seorang pun di bumi ini yang sanggup memenuhi permintaan Raja! Tidak pernah raja mana-mana pun yang besar dan berkuasa meminta yang demikian daripada ahli ilmu ghaib, ahli mantera, atau orang Kasdim mana pun!

¹¹ Hal yang diminta Raja itu terlalu sukar. Tidak ada yang dapat memberitahunya kepada Raja kecuali tuhan-tuhan yang tidak tinggal dalam kalangan manusia.”

¹² Apabila mendengar hal itu, raja menjadi gusar dan sangat murka. Lalu dia memberikan perintah untuk membinasakan semua orang bijak di Babel. ¹³ Maka titah raja dikeluarkan agar orang bijak dibunuh sehingga Daniel dan teman-temannya pun dicari untuk dibunuh.

¹⁴ Pada waktu itu Daniel menjawab dengan penuh arif dan hemat kepada Ariokh, pemimpin pengawal raja yang telah bersiap untuk membunuh orang bijak di Babel. ¹⁵ Dia bertanya kepada Ariokh, panglima raja itu, “Mengapakah titah yang dikeluarkan raja begitu keras?” Lalu Ariokh menjelaskan hal itu kepada Daniel.

¹⁶ Maka Daniel pergi memohon kepada raja supaya dia diberi masa untuk memberitahkan tafsiran mimpi itu kepada raja. ¹⁷ Setelah itu, Daniel pulang ke rumahnya dan menyampaikan hal itu kepada para temannya iaitu Hananya, Misael, dan Azarya. ¹⁸ Dia menyuruh mereka memohon rahmat daripada Allah semesta langit sehubungan dengan rahsia itu, supaya Daniel dan teman-temannya tidak turut dibinasakan dengan orang bijak yang lain di Babel. ¹⁹ Kemudian rahsia itu diungkapkan kepada Daniel dalam

penglihatan pada malam hari. Lalu Daniel memuji Allah semesta langit. ²⁰ Kata Daniel,

“Segala puji bagi nama Allah selama-lamanya, kerana hikmah dan kekuatan milik-Nya!

²¹ Dia mengubah waktu dan musim,

Dia memecat dan melantik raja-raja.

Dia mengurniakan hikmah kepada orang bijak dan pengetahuan kepada orang yang memiliki pengertian.

²² Dia menyingkapkan hal-hal yang dalam dan tersembunyi.

Dia mengetahui apa yang ada di dalam gelap, dan cahaya menetap dalam-Nya.

²³ Ya Allah nenek moyangku,

aku mengucap syukur dan memuji Engkau, kerana Engkau mengurniakan kepadaku kebijaksanaan dan kekuatan.

Sekarang ini Engkau telah memberitahukan kepadaku apa yang kami mohonkan daripada-Mu,

kerana Engkau telah menyatakan kepada kami perihal raja.”

²⁴ Oleh sebab itu Daniel pergi menemui Ariokh, yang telah dilantik oleh raja untuk membinasakan orang bijak di Babel. Dia pergi dan berkata demikian kepadanya, “Jangan binasakan orang bijak di Babel! Bawalah hamba menghadap raja.

Hamba akan memberitahukan tafsiran mimpi itu kepada raja.”

²⁵ Maka Ariokh segera membawa Daniel untuk menghadap raja. Dia berkata demikian kepada raja, “Hamba telah menemukan salah seorang buangan daripada bani Yehuda yang dapat memberitahukan tafsiran mimpi itu kepada Raja.”

²⁶ Tanya raja kepada Daniel, yang juga dinamai Beltsazar, “Sanggupkah engkau memberitahukan kepadaku mimpi yang telah kulihat itu dengan tafsirannya?”

²⁷ Jawab Daniel kepada raja, “Rahsia yang ditanyakan Raja tidak dapat diberitahukan kepada Raja oleh orang bijak, ahli mantera, ahli ilmu ghaib, dan jurufaal. ²⁸ Akan tetapi, di syurga ada Allah yang sanggup menyingkapkan rahsia. Dia telah memberitahukan kepada Raja Nebukadnezar apa yang akan terjadi pada hari-hari yang akan datang. Inilah mimpi tuanku dan penglihatan yang didapati tuanku sewaktu tuanku berbaring di peraduan.

²⁹ Ketika Tuanku Raja berbaring di peraduan, timbullah fikiran tuanku tentang apa yang akan terjadi pada hari-hari yang akan datang. Lalu Dia yang sanggup menyingkapkan rahsia memberitahukan kepada tuanku apa yang akan terjadi. ³⁰ Bagi hamba, rahsia itu telah

diungkapkan kepada hamba bukan kerana hamba mempunyai kebijaksanaan lebih daripada semua orang yang hidup, melainkan demi Tuanku Rajalah tafsiran mimpi itu diberitahukan supaya tuanku dapat memahami fikiran dalam hati tuanku.

³¹ Tuanku Raja, dalam penglihatan tuanku kelihatan sebuah patung yang amat besar. Patung yang berkilau-kilau secara luar biasa itu tegak di hadapan tuanku, dan rupanya menakutkan. ³² Kepala patung itu daripada emas mutu tinggi, dada dan lengannya daripada perak, perut dan pahanya daripada gangsa, ³³ betisnya daripada besi, kakinya separuh daripada besi dan separuh daripada tanah liat. ³⁴ Ketika tuanku melihatnya tiba-tiba ada sebuah batu terbelah, tetapi bukan oleh tangan manusia. Batu itu menimpa patung itu pada kedua-dua belah kakinya yang daripada besi dan tanah liat, lalu memecahkannya. ³⁵ Setelah itu, besi, tanah liat, gangsa, perak, dan emas itu pecah bersama-sama dan menjadi seperti sekam di tempat pembantingan pada musim kemarau. Angin menerbangkan kesemuanya sehingga tidak ditemukan lagi bekas apa-apa pun daripadanya. Tetapi batu yang menimpa patung itu menjadi gunung besar yang memenuhi seluruh bumi.

³⁶ Inilah mimpi itu, dan sekarang kami hendak menyampaikan tafsirannya kepada Raja.

³⁷ Tuanku Raja sememangnya raja segala raja.

Allah semesta langit telah mengurniakan kepada tuanku kerajaan, kekuasaan, kekuatan, dan kemuliaan.

³⁸ Anak-anak manusia, binatang-binatang liar, dan burung-burung di udara –

di mana-mana pun mereka tinggal – telah diserahkan-Nya ke dalam tangan tuanku. Dia

membuat tuanku berkuasa atas semuanya.

Kepala daripada emas itu ialah tuanku. ³⁹ Setelah

tuanku akan muncul suatu kerajaan lain yang lebih lemah daripada kerajaan tuanku, lalu

kerajaan lain daripada gangsa, yakni yang ketiga, yang akan menguasai seluruh bumi.

⁴⁰ Kemudian akan ada kerajaan keempat yang kuat seperti besi, kerana besi memecahkan dan

meremukkan segala sesuatu. Seperti besi yang menghancurkan segala sesuatu, kerajaan ini

akan memecahkan dan menghancurkan semua yang lain. ⁴¹ Sebagaimana tuanku lihat kaki dan

jari-jarinya separuh daripada tanah liat tukang periuk dan separuh daripada besi, demikianlah

kerajaan itu akan terbahagi. Tetapi kekuatan besi akan tetap ada di dalamnya, sebagaimana

tuanku lihat besi itu bercampur dengan tanah liat. ⁴² Sebagaimana jari-jari kaki itu separuh

daripada besi dan separuh daripada tanah

liat, demikianlah kerajaan itu sebahagiannya kuat dan sebahagiannya rapuh. ⁴³ Sebagaimana tuanku lihat besi itu bercampur dengan tanah liat, demikianlah mereka akan bercampur dalam perkahwinan, tetapi tetap tidak dapat padu antara satu dengan yang lain, seperti besi tidak dapat bercampur dengan tanah liat. ⁴⁴ Pada zaman raja-raja itulah Allah semesta langit akan mendirikan sebuah kerajaan yang tidak akan binasa untuk selama-lamanya, dan pemerintahannya tidak akan beralih kepada bangsa lain. Kerajaan itu akan memecahkan dan meniadakan semua kerajaan lainnya, tetapi kerajaan itu sendiri akan tegak untuk selama-lamanya. ⁴⁵ Sebagaimana tuanku lihat bahwa sebuah batu terbelah daripada gunung, tetapi bukan oleh tangan manusia, lalu memecahkan besi, gangsa, tanah liat, perak, dan emas itu, demikianlah Allah Yang Maha Besar telah memberitahukan kepada Raja apa yang akan terjadi pada kemudian hari. Mimpi itu benar dan tafsirannya pun dapat dipercayai.”

⁴⁶ Lalu Raja Nebukadnezar sujud memberi hormat kepada Daniel. Dia memberikan perintah supaya persembahan dan wangi-wangian diberikan kepadanya. ⁴⁷ Kata raja kepada Daniel, “Sesungguhnya, Allahmu sememangnya Allah segala allah, Tuhan segala raja, dan Dia

menyingkap segala rahsia, kerana engkau telah sanggup menyingkapkan rahsia ini.”

⁴⁸ Kemudian raja menjadikan Daniel orang besar dan mengurniakan kepadanya pemberian yang amat banyak. Dia menjadikan Daniel penguasa atas seluruh Wilayah Babel dan ketua atas semua orang bijak di Babel. ⁴⁹ Daniel memohon kepada raja sehingga Sadrakh, Mesakh, dan Abednego dilantik menjadi pemerintah bagi pentadbiran di Wilayah Babel, sementara Daniel sendiri tinggal di istana raja.

Patung emas Raja Nebukadnezar

3 ¹ Raja Nebukadnezar membuat sebuah patung emas setinggi enam puluh hasta dan selebar enam hasta. Dia mendirikannya di Dataran Dura di Wilayah Babel. ² Kemudian Raja Nebukadnezar memanggil wakil raja, penguasa, pembesar, penasihat negara, bendahara, hakim, ahli hukum, dan semua pegawai wilayah untuk menghadiri perasmian patung yang telah didirikan Raja Nebukadnezar itu. ³ Maka wakil raja, penguasa, pembesar, penasihat negara, bendahara, hakim, ahli hukum, dan semua pegawai wilayah berkumpul menghadiri perasmian patung yang telah didirikan Raja Nebukadnezar. Mereka berdiri di hadapan patung yang telah didirikan Nebukadnezar itu. ⁴ Lalu

seorang bentara berseru dengan suara nyaring, “Kepadamu diperintahkan demikian, wahai orang daripada berbagai-bagai suku, bangsa, dan bahasa: ⁵ sebaik sahaja kamu mendengar bunyi nafiri, seruling, kecapi, rebab, gambus, serunai, dan pelbagai jenis muzik, sujudlah menyembah patung emas yang telah didirikan oleh Raja Nebukadnezar. ⁶ Sesiapa yang tidak mahu sujud menyembah, saat itu juga dia akan dicampakkan ke dalam dapur api yang menyala-nyala.” ⁷ Maka, sebaik sahaja seluruh rakyat mendengar suara nafiri, seruling, kecapi, rebab, gambus, dan pelbagai jenis muzik, maka orang daripada segala suku, bangsa, dan bahasa sujud menyembah patung emas yang telah didirikan oleh Raja Nebukadnezar.

⁸ Pada waktu itu juga, datanglah beberapa orang Kasdim melontarkan tuduhan terhadap orang Yahudi. ⁹ Mereka berkata kepada Raja Nebukadnezar, “Dirgahayu Raja! ¹⁰ Tuanku Raja telah mengeluarkan titah bahawa setiap orang yang mendengar bunyi nafiri, seruling, kecapi, rebab, gambus, serunai, dan pelbagai jenis muzik harus sujud menyembah patung emas itu, ¹¹ dan sesiapa yang tidak mahu sujud menyembahnya harus dicampakkan ke dalam dapur api yang menyala-nyala. ¹² Ada beberapa orang Yahudi yang telah tuanku lantik untuk mengurus hal

ehwal Wilayah Babel, iaitu Sadrakh, Mesakh, dan Abednego. Mereka itu tidak mengendahkan Tuanku Raja. Mereka tidak mahu menyembah para tuhan^Y tuanku dan tidak mahu menyembah patung emas yang telah tuanku dirikan itu.”

¹³ Maka dengan amat murka sekali, Nebukadnezar memerintahkan supaya Sadrakh, Mesakh, dan Abednego dibawa untuk menghadapnya. Lalu dibawalah mereka itu untuk menghadap raja. ¹⁴ Nebukadnezar bertanya kepada mereka, “Wahai Sadrakh, Mesakh, dan Abednego, benarkah kamu tidak mahu menyembah para tuhanku^Z dan tidak mahu menyembah patung emas yang telah kudirikan itu? ¹⁵ Sekarang, jika kamu sudah sedia, sebaik sahaja kamu mendengar bunyi nafiri, seruling, kecapi, rebab, gambus, serunai, dan pelbagai jenis muzik, sujudlah menyembah patung yang kubuat itu. Tetapi jika kamu tidak mahu menyembahnya, saat itu juga kamu akan dicampakkan ke dalam dapur api yang menyala-nyala! Maka tuhan manakah yang dapat melepaskan kamu daripada tanganku?”

¹⁶ Sadrakh, Mesakh, dan Abednego menjawab Raja Nebukadnezar, “Tidak ada gunanya kami

^Y3:12 Atau: Dewa-dewa.

^Z3:14 Atau: Dewa-dewaku.

memberikan jawapan kepada tuanku dalam hal ini. ¹⁷ Kalau harus demikian, maka Allah yang kami sembah sanggup melepaskan kami dari dapur api yang menyala-nyala itu, dan Dia akan melepaskan kami daripada tangan Tuanku Raja. ¹⁸ Tetapi walaupun tidak, harap Tuanku Raja maklum bahawa kami tidak mahu menyembah tuhan-tuhan tuanku dan tidak mahu menyembah patung emas yang tuanku dirikan itu.”

¹⁹ Maka meluap-luaplah murka Nebukadnezar sehingga air mukanya berubah terhadap Sadrakh, Mesakh, dan Abednego. Dia memerintah supaya menyalakan dapur api itu tujuh kali lebih panas daripada biasanya. ²⁰ Lalu dia memerintah beberapa orang yang sangat kuat daripada tenteranya untuk mengikat Sadrakh, Mesakh, dan Abednego, supaya mereka dicampakkan ke dalam dapur api yang menyala-nyala itu.

²¹ Kemudian ketiga-tiga orang yang masih memakai jubah, celana, serban, dan pakaian lainnya itu diikat, lalu dicampakkan ke dalam dapur api yang menyala-nyala. ²² Kerana perintah raja itu keras dan dapur api itu dipanaskan secara luar biasa, maka mereka yang mengangkat Sadrakh, Mesakh, dan Abednego itu mati oleh bahang api yang bernyala itu ²³ manakala ketiga-tiga orang itu, yakni Sadrakh, Mesakh, dan

Abednego, jatuh dengan terikat ke dalam dapur api yang menyala-nyala itu.

Terujinya para sahabat Daniel

²⁴ Kemudian terperanjatlah Raja Nebukadnezar lalu bangun dengan segera. Tanyanya kepada para menterinya, “Bukankah tiga orang yang kita campakkan dengan terikat ke dalam api itu?”

Jawab mereka kepada raja, “Benar, ya Raja.”

²⁵ Kata raja, “Tetapi kulihat empat orang berjalan-jalan dengan bebas di tengah-tengah api itu tanpa sebarang luka, dan rupa orang yang keempat itu seperti anak tuhan!”^a

²⁶ Setelah itu, Nebukadnezar mendekati pintu dapur api yang menyala-nyala itu. Dia berkata, “Sadrakh, Mesakh, dan Abednego, hamba-hamba Allah Yang Maha Tinggi, keluarlah dan datanglah ke mari!” Lalu keluarlah Sadrakh, Mesakh, dan Abednego dari tengah-tengah api itu, ²⁷ sementara para wakil raja, para penguasa, para pembesar, dan para menteri raja datang berkumpul. Mereka melihat bahawa tubuh ketiga-tiga orang itu tidak terkesan langsung oleh api, rambut di kepala mereka tidak hangus, jubah mereka tidak berubah, dan bau terbakar pun tidak ada pada mereka.

^a**3:25** Atau: Anak dewa.

²⁸ Kata Nebukadnezar, “Segala puji bagi Allah yang disembah Sadrakh, Mesakh, dan Abednego! Dia telah mengutus malaikat-Nya untuk melepaskan hamba-hamba-Nya yang percaya kepada-Nya sehingga berani melanggar perintah raja. Mereka rela menyerahkan tubuh mereka kerana tidak mahu beribadat atau menyembah tuhan mana-mana pun selain Allah mereka.

²⁹ Oleh sebab itu, aku mengeluarkan titah: Orang daripada suku, bangsa, dan bahasa mana-mana pun yang berani mengatakan sesuatu yang salah terhadap Allah yang disembah Sadrakh, Mesakh, dan Abednego, akan dikerat-kerat dan rumahnya akan dijadikan timbunan puing, kerana tidak ada tuhan lain yang dapat menyelamatkan dengan cara demikian.”

³⁰ Kemudian raja menaikkan kedudukan Sadrakh, Mesakh, dan Abednego di Wilayah Babel.

Raja Nebukadnezar memuji-muji Allah

4 ¹ Daripada Raja Nebukadnezar kepada orang daripada semua suku, bangsa, dan bahasa yang berada di seluruh bumi, “Semoga kesejahteraanmu berlipat ganda!

² Aku berkenan menceritakan tanda-tanda dan pelbagai keajaiban yang telah dilakukan Allah Yang Maha Tinggi bagiku.

³ Betapa besarnya tanda-tanda-Nya,
betapa hebatnya segala keajaiban-Nya!
Kerajaan-Nya ialah kerajaan yang kekal,
kekuasaan-Nya tetap turun-temurun.

Mimpi kedua Raja Nebukadnezar

⁴ Aku, Nebukadnezar, hidup tenang dalam rumahku dan makmur dalam istanaku. ⁵ Aku mendapat mimpi yang membuat aku takut. Sewaktu aku berbaring di peraduan, khayalan dan penglihatan yang kudapat membuat aku resah. ⁶ Oleh sebab itu aku mengeluarkan titah agar semua bijak pandai di Babel hendaklah dibawa menghadap aku supaya mereka memberitahukan kepadaku tafsiran mimpi itu. ⁷ Maka datanglah para ahli ilmu ghaib, para ahli mantera, orang Kasdim, dan para jurufaal. Aku menceritakan mimpi itu kepada mereka, tetapi mereka tidak dapat memberitahukan tafsirannya kepadaku. ⁸ Akhirnya Daniel datang menghadap aku. Dia ini dinamai Beltsazar, menurut nama tuhanku, dan roh tuhan yang suci ada padanya. Aku menceritakan kepadanya mimpi itu, demikian, ⁹ 'Hai Beltsazar, ketua para ahli ilmu ghaib! Aku tahu bahawa roh tuhan yang suci ada padamu, dan tidak ada rahsia apa-apa pun yang sukar bagimu. Ceritakanlah kepadaku

penglihatan yang kudapat dalam mimpiku dengan tafsirannya.

¹⁰ Inilah penglihatan yang kudapat sewaktu aku berbaring di peraduanku:

Aku melihat ada sebatang pokok yang sangat tinggi di tengah-tengah bumi.

¹¹ Pokok itu bertambah besar dan kuat, puncaknya mencapai langit dan kelihatan sampai ke hujung seluruh bumi.

¹² Daunnya indah, buahnya banyak, dan padanya ada makanan bagi segala makhluk.

Binatang liar bernaung di bawahnya, burung-burung di udara tinggal di cabang-cabangnya, dan segala makhluk mendapat makanan daripadanya.

¹³ Dalam penglihatan yang kudapat sewaktu aku berbaring di peraduanku itu tampaklah seorang malaikat pengawal, seorang yang suci, turun dari langit. ¹⁴ Dia berseru dengan suara nyaring dan berkata demikian,

“Tebanglah pokok itu dan potonglah cabang-cabangnya.

Gugurkanlah daunnya dan hamburkanlah buahnya.

Biarlah binatang-binatang lari dari bawah naungannya,

dan burung-burung dari cabang-cabangnya.

- ¹⁵ Namun demikian, biarkanlah tunggul dan akarnya di tanah, terikat dengan besi dan gangsa di atas rumput muda di padang.

Biarlah embun dari langit membasahnya dan biarlah ia mendapat bahagian bersama-sama binatang di antara tumbuh-tumbuhan di bumi.

- ¹⁶ Biarlah akal manusianya diubah dan akal binatang diberikan kepadanya, sampai tujuh tempoh masa berlalu baginya.

- ¹⁷ Keputusan itu menurut ketetapan para malaikat pengawal, tuntutan itu menurut perintah para malaikat suci,

supaya orang yang hidup tahu bahawa Yang Maha Tinggi berkuasa atas kerajaan manusia

dan Dia mengurniaknya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Dia meninggikan orang yang paling rendah sekalipun untuk memerintah kerajaan itu.”

- ¹⁸ Aku, Raja Nebukadnezar, telah mendapat mimpi itu. Sekarang engkau, Beltsazar, katakanlah tafsirannya, kerana semua bijak pandai dalam kerajaanku tidak sanggup memberitahukan

tafsirannya kepadaku. Tetapi engkau ini sanggup, kerana roh tuhan yang suci ada padamu.” ’

Daniel mentafsirkan mimpi Nebukadnezar

¹⁹ Setelah itu, Daniel, yang juga dinamai Beltsazar, tertegun buat seketika dan segala fikirannya membuatnya resah. Kata raja, “Beltsazar, janganlah resah kerana mimpi itu dan tafsirannya.” Jawab Beltsazar, “Ya tuanku, biarlah mimpi itu terjadi ke atas orang yang membenci tuanku dan tafsirannya ke atas musuh-musuh tuanku! ²⁰ Pokok yang tuanku lihat itu – pokok yang bertambah besar dan kuat sehingga puncaknya mencapai langit dan kelihatan sampai ke seluruh bumi. ²¹ Daunnya indah, buahnya banyak, dan padanya ada makanan bagi segala makhluk. Binatang liar tinggal di bawahnya dan burung-burung bersarang di cabang-cabangnya – ²² pokok itu ialah Tuanku Raja sendiri! Tuanku semakin besar dan semakin kuat. Keagungan tuanku bertambah-tambah hingga mencapai langit dan kekuasaan tuanku sampai ke hujung bumi. ²³ Seterusnya fasal tuanku melihat seorang malaikat pengawal, seorang yang suci, turun dari langit dan berkata, ‘Tebanglah pokok itu dan binasakanlah dia! Namun demikian, biarkanlah tunggul dan akarnya di tanah, terikat dengan besi dan gangsa di atas rumput muda di padang.

Biarlah embun dari langit membasahinya dan biarlah dia mendapat bahagian bersama dengan binatang liar sampai tujuh tempoh masa berlalu baginya.'

²⁴ Inilah tafsirannya, ya Raja, dan inilah yang dititahkan Yang Maha Tinggi terhadap Tuanku Raja: ²⁵ tuanku akan diusir daripada masyarakat manusia sehingga tuanku tinggal bersama-sama binatang liar. Tuanku akan diberi makan rumput seperti lembu dan akan dibasahi embun dari langit. Tujuh tempoh masa akan berlalu bagi tuanku sampai tuanku mengakui bahawa Yang Maha Tinggi berkuasa atas kerajaan manusia dan Dia mengurniakannya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. ²⁶ Sebagaimana ada perintah untuk membiarkan tunggul dan akar pokok itu, demikianlah kerajaan tuanku akan tetap pula pada tuanku apabila tuanku mengakui bahawa yang berkuasa secara mutlak ialah kerajaan syurga. ²⁷ Oleh sebab itu, ya Raja, kiranya nasihat hamba berkenan kepada tuanku: Tinggalkanlah dosa-dosa tuanku dengan melakukan apa yang benar, begitu juga, hapuskanlah segala kejahatan tuanku dengan berbelas kasihan kepada fakir miskin. Dengan demikian akan berlanjutanlah ketenteraman tuanku."

²⁸ Segala hal itu terjadi kepada Raja Nebukadnezar. ²⁹ Pada akhir dua belas bulan,

ketika dia sedang berjalan-jalan di atas istana kerajaan Babel, ³⁰ berkatalah raja, “Bukankah ini Babel yang besar itu, yang kubangunkan menjadi istana kerajaan dengan kekuatan kuasaku dan demi kemuliaan kebesaranku?”

³¹ Sewaktu kata-kata itu diucapkan raja, terdengarlah suara dari langit mengatakan, “Bagimulah firman ini, wahai Raja Nebukadnezar: Kerajaan ini dialihkan daripadamu. ³² Engkau akan diusir daripada masyarakat manusia sehingga engkau akan tinggal bersama-sama binatang liar. Engkau akan diberi makan rumput seperti lembu. Tujuh tempoh masa akan berlalu bagimu sehingga engkau mengakui bahawa Yang Maha Tinggi berkuasa atas kerajaan manusia dan Dia mengurniaknya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya.”

³³ Pada saat itu juga berlakulah firman itu atas Nebukadnezar. Dia diusir daripada masyarakat manusia dan makan rumput seperti lembu. Tubuhnya basah oleh embun dari langit sampai rambutnya tumbuh seperti bulu burung rajawali dan kukunya seperti kuku burung.

³⁴ “Pada akhir tempoh masa itu, aku, Nebukadnezar, menengadah ke langit dan fikiranku kembali kepadaku. Aku memuji Yang Maha Tinggi. Aku menyanjung dan membesarkan Dia yang hidup selama-lamanya,

kerana kekuasaan-Nya sememangnya
kekuasaan yang kekal,
dan kerajaannya tetap turun-temurun.

³⁵ Semua penghuni bumi
dianggap seperti tidak bererti.

Dia bertindak menurut kehendak-Nya
terhadap para penguasa langit dan penghuni
bumi.

Tidak ada yang dapat menahan tangan-Nya
atau berkata kepada-Nya, 'Apakah yang telah
Engkau lakukan?'

³⁶ Pada waktu itu fikiranku waras kembali.
Kebesaranku dan kegemilanganku dikembalikan
kepadaku demi kemuliaan kerajaanku. Para
menteriku dan para pembesarku menjemput aku
dan aku dimantapkan kembali dalam kerajaanku,
dan keagungan yang luar biasa ditambahkan
kepadaku.

³⁷ Sekarang aku, Nebukadnezar, memuji,
meninggikan, dan membesarkan Raja Syurga atas
sebab segala perbuatan-Nya benar belaka dan
jalan-jalan-Nya adil. Dia sanggup merendahkan
orang yang hidup dalam keangkuhan."

Tulisan pada dinding

5 ¹ Raja Belsyazar mengadakan jamuan besar
bagi seribu orang pembesarnya dan dia
meminum-minum air anggur di hadapan seribu

orang itu. ² Sambil mengecap air anggur itu, Belsyazar menitahkan supaya orang membawa ke hadapannya wadah-wadah emas dan perak yang telah diangkut oleh Nebukadnezar, leluhurnya, dari Bait Suci di Yerusalem, supaya para pembesarnya, isteri-isterinya, dan gundik-gundiknya dapat minum daripada wadah itu.

³ Lalu dibawalah wadah-wadah emas yang telah diangkut dari Bait Suci, yakni Rumah Allah di Yerusalem. Lalu raja, para pembesarnya, para isteri dan para gundiknya minum daripada wadah itu. ⁴ Mereka minum air anggur dan memuji tuhan-tuhan yang dibuat daripada emas, perak, gangsa, besi, kayu, dan batu.

⁵ Pada saat itu juga, muncullah jari-jari tangan manusia menulis pada kapur dinding istana raja, di hadapan kaki pelita. Raja melihat belakang tangan yang sedang menulis itu. ⁶ Maka pucatlah wajah raja dan fikirannya membuat dia amat gusar. Lemah longlai sendi-sendi pinggangnya dan lututnya saling berhantukan.

⁷ Raja berseru dengan suara nyaring supaya para ahli mantera, orang Kasdim, dan para jurufaal dibawa menghadap. Kata raja kepada orang bijak di Babel itu, "Sesiapa pun yang dapat membaca tulisan ini dan memberitahukan tafsirannya kepadaku, kepadanya akan dipakaikan pakaian ungu dan lehernya akan dikalungkan rantai

emas. Dia akan menjadi pemerintah yang ketiga dalam kerajaan ini.”⁸ Maka datanglah semua bijak pandai bawahan raja, tetapi mereka tidak sanggup membaca tulisan itu atau memberitahukan tafsirannya kepada raja.⁹ Pada waktu itu Raja Belsazar menjadi sangat resah dan wajahnya pucat. Para pembesarnya pun kebingungan.

¹⁰ Mendengar perkataan raja dan para pembesarnya, datanglah permaisuri ke tempat perjamuan. Kata permaisuri, “Dirgahayu Raja! Janganlah tuanku resah oleh fikiran tuanku dan janganlah wajah tuanku pucat.”¹¹ Dalam kerajaan tuanku ada seorang yang memiliki roh tuhan yang suci. Pada zaman leluhur tuanku telah didapati bahawa orang itu mempunyai wawasan, akal budi, dan kebijaksanaan seperti kebijaksanaan tuhan. Raja Nebukadnezar, leluhur tuanku, ya, leluhur tuanku, sang raja itu, menjadikan dia ketua para ahli ilmu ghaib, para ahli mantera, orang Kasdim, dan para jurufaal.¹² Memang pada orang itu didapati roh yang luar biasa, pengetahuan, dan akal budi untuk mentafsirkan mimpi, memecahkan teka-teki, dan menghuraikan persoalan yang sulit. Dialah Daniel yang diberi nama Beltsazar oleh sang raja. Sekarang, biarlah Daniel dipanggil, maka dia akan memberitahukan tafsiran tulisan itu.”

¹³ Maka Daniel dibawa menghadap raja. Kata raja kepada Daniel, “Engkaukah Daniel, salah seorang buangan daripada bani Yehuda yang dibawa ke mari oleh sang raja, leluhurku, dari Yehuda? ¹⁴ Aku mendengar tentang engkau, bahawa roh tuhan ada padamu, dan juga kamu memiliki wawasan, akal budi, serta kebijaksanaan yang luar biasa. ¹⁵ Saat ini orang bijak dan para ahli mantera telah dibawa menghadap aku supaya mereka membaca tulisan ini dan memberitahukan tafsirannya kepadaku, tetapi mereka tidak sanggup memberitahukan tafsiran perkataan itu. ¹⁶ Lalu aku mendengar tentang engkau, bahawa engkau sanggup memberikan tafsiran dan menghuraikan persoalan yang sulit. Sekarang, jika engkau sanggup membaca tulisan itu dan memberitahukan tafsirannya kepadaku, maka kepadamu akan dipakaikan pakaian ungu dan lehermu akan dikalungkan rantai emas. Engkau akan menjadi pemerintah yang ketiga dalam kerajaan ini.”

¹⁷ Lalu Daniel berkata kepada raja, “Biarlah pemberian tuanku itu disimpan sahaja oleh tuanku. Biarlah hadiah tuanku itu dikurniakan sahaja kepada orang lain. Meskipun begitu, hamba akan membacakan tulisan itu bagi Raja dan memberitahukan tafsirannya.

¹⁸ Ya Tuanku Raja, Allah Yang Maha Tinggi telah mengurniakan kerajaan, keagungan, kemuliaan, dan kebesaran kepada Nebukadnezar, ayahanda tuanku. ¹⁹ Kerana keagungan yang dikurniakan kepadanya, maka umat daripada segala suku, bangsa, dan bahasa gementar dan takut kepadanya. Dia membunuh sesiapa sahaja yang dikehendaknya dan membiarkan hidup sesiapa sahaja yang dikehendaknya. Dia meninggikan sesiapa yang dikehendaknya dan merendahkan sesiapa yang dikehendaknya. ²⁰ Tetapi ketika dia menjadi bongkak dan keras hati sehingga bertindak angkuh, dia diturunkan daripada takhta kerajaannya dan kemuliaannya diambil daripadanya. ²¹ Dia dihalau daripada kalangan anak manusia. Hatinya menjadi sama dengan hati binatang dan dia tinggal bersama-sama keldai liar. Dia diberi makan rumput seperti lembu dan tubuhnya basah oleh embun dari langit sampai dia mengakui bahawa Allah Yang Maha Tinggi berkuasa atas kerajaan manusia dan Dia mengangkat sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya untuk memerintah kerajaan itu.

²² Namun begitu, tuanku, anaknya, Belsyazar, keturunannya, masih tidak merendahkan hati sungguhpun tuanku mengetahui semua hal itu. ²³ Sebaliknya, tuanku meninggikan diri terhadap Tuhan semesta langit dan menyuruh membawa

wadah-wadah dari Bait-Nya kepada tuanku. Lalu tuanku, para pembesar tuanku, para isteri dan para gundik tuanku, minum air anggur daripada wadah itu. Tuanku memuji tuhan-tuhan yang dibuat daripada perak, emas, gangsa, besi, kayu, dan batu yang tidak dapat melihat, mendengar, atau mengetahui sesuatu. Tetapi Allah yang memegang nafas tuanku dan segala jalan hidup tuanku tidak tuanku besarkan. ²⁴ Kemudian Dia mengirim tapak tangan itu dari hadirat-Nya dan tertulislah suratan ini.

²⁵ Inilah suratan yang tertulis itu: MENE, MENE, TEKEL, dan PARSIN. ²⁶ Inilah tafsiran perkataan itu. MENE: Allah telah menghitung tempoh pemerintahan tuanku dan mengakhirinya.

²⁷ TEKEL: tuanku telah ditimbang dengan neraca dan didapati kurang berat. ²⁸ PERES: kerajaan tuanku telah dibahagi-bahagikan dan diserahkan kepada orang Media dan orang Parsi.”

²⁹ Setelah itu, Belsyazar memberikan perintah supaya pakaian ungu dipakaikan kepada Daniel, rantai emas dikalungkan pada lehernya, dan dinobatkan sebagai pemerintah yang ketiga dalam kerajaan itu. ³⁰ Pada malam itu juga Belsyazar, raja orang Kasdim, dibunuh. ³¹ Lalu Darius, orang Media, mengambil alih kerajaan itu ketika berumur kira-kira enam puluh dua tahun.

Daniel dihumban ke dalam gua singa

6¹ Darius berkenan melantik seratus dua puluh orang wakil raja atas kerajaan itu. Mereka ditugaskan untuk memerintah di seluruh kerajaan. ² Di atas mereka ada tiga orang penyelia dan seorang daripada mereka ialah Daniel. Kepada tiga orang penyelia itulah para wakil raja bertanggungjawab supaya raja tidak mendapat sebarang kerugian. ³ Terbukti betapa Daniel lebih menonjol daripada dua orang lagi penyelia itu dan juga para wakil raja, kerana padanya ada roh yang luar biasa hingggakan raja berancangan mengangkat dia untuk memerintah seluruh kerajaannya. ⁴ Akibatnya, para penyelia lain itu serta para wakil raja berusaha mencari alasan untuk menjatuhkan Daniel dalam hal pemerintahan. Akan tetapi, mereka tidak dapat sesuatu alasan atau kesalahan sedemikian lantaran kesetiaan Daniel, bahkan tidak didapati sesuatu kesilapan atau kesalahan padanya. ⁵ Lantas lelaki-lelaki ini memutuskan, “Kita tidak akan menemui apa-apa alasan untuk menjatuhkan Daniel ini, kecuali dalam hal hukum Allahnya.” ⁶ Maka dua orang penyelia dan para wakil raja itu datang bersama-sama menghadap Raja dan berkata demikian, “Semoga Raja Darius hidup selama-lamanya!

⁷ Semua penyelia kerajaan ini, para penguasa dan para wakil raja, para menteri dan para pembesar telah bermuafakat untuk membuat suatu ketetapan kerajaan dan mengukuhkan suatu titah larangan: siapa pun yang memohonkan sesuatu dalam tiga puluh hari ini kepada tuhan atau manusia mana pun selain Tuanku Raja, hendaklah dia dihumban ke dalam gua singa. ⁸ Sekarang, ya Raja, tetapkanlah titah larangan itu dan tandatangananilah surat itu supaya tidak dapat diubah lagi, selaras dengan hukum yang berkuat kuasa atas orang Media dan orang Parsi yang tidak dapat dibatalkan.” ⁹ Oleh sebab itu Raja Darius menandatangani surat dan titah larangan itu. ¹⁰ Apabila Daniel mengetahui bahawa surat itu telah ditandatangani, masuklah dia ke rumahnya. Dalam bilik atasnya terdapat jendela-jendela yang terbuka menghadap Yerusalem. Tiga kali sehari dia bertelut, berdoa, dan mengucap syukur kepada Allahnya, seperti yang biasa dilakukannya selama ini. ¹¹ Kemudian lelaki-lelaki itu datang bersama-sama dan mendapati Daniel sedang memanjatkan doa dan permohonan kepada Allahnya.

¹² Setelah itu, mereka menghadap raja dan berbicara kepadanya mengenai titah larangan raja, “Bukankah tuanku telah menandatangani titah larangan supaya setiap orang yang

memohonkan sesuatu dalam tiga puluh hari ini kepada tuhan atau manusia mana-mana pun selain Tuanku Raja harus dihumban ke dalam gua singa?”

Jawab raja, “Hal itu benar selaras dengan hukum yang berkuat kuasa atas orang Media dan orang Parsi yang tidak dapat dibatalkan.”

¹³ Lalu mereka berkata kepada raja, “Daniel, salah seorang buangan daripada bani Yehuda, tidak mengendahkan Tuanku Raja atau titah larangan yang telah ditandatangani tuanku. Tiga kali sehari ia memanjatkan doa.”

¹⁴ Apabila raja mendengar hal itu, dia berasa sangat susah. Dia membulatkan hati untuk melepaskan Daniel. Sampai matahari terbenam dia masih berupaya untuk menyelamatkannya.

¹⁵ Kemudian lelaki-lelaki itu datang lagi bersama-sama kepada raja. Mereka berkata kepada raja, “Ingatlah, ya Raja, bahawa menurut hukum orang Media dan orang Parsi setiap titah larangan atau ketetapan yang dibuat raja tidak dapat diubah lagi.” ¹⁶ Maka raja memberikan perintah supaya Daniel dibawa dan dihumban ke dalam gua singa. Raja berkata kepada Daniel, “Semoga tuhan kamu yang selalu kamu sembah kelak melepaskan engkau!”

¹⁷ Lalu sebuah batu dibawa dan diletakkan di mulut gua itu. Raja memateraikan batu itu

dengan cincin materainya dan dengan cincin para pembesarnya, supaya tidak ada yang dapat mengubah keputusan dalam hal Daniel itu.

¹⁸ Setelah itu, raja pulang ke istananya dan ia berpuasa pada malam itu. Para penghibur tidak dibawa masuk kepadanya dan ia tidak dapat tidur.

Allah menyelamatkan Daniel daripada singa

¹⁹ Kemudian raja bangun pada waktu fajar menyingsing dan pergi dengan segera ke gua singa.

²⁰ Setelah sampai dekat gua itu, berserulah dia kepada Daniel dengan suara yang penuh kesayuan. Kata raja kepada Daniel, “Daniel, hamba kepada Allah yang hidup, apakah Allahmu yang selalu kausembah itu sanggup melepaskan engkau daripada singa-singa itu?” ²¹ Pada waktu itu Daniel berbicara kepada raja, “Semoga Raja hidup selama-lamanya!

²² Allah yang hamba sembah telah mengutus malaikat-Nya untuk mengatupkan mulut singa-singa ini sehingga tidak dapat menghancurkan hamba, kerana hamba didapati tidak bersalah di hadapan-Nya. Di hadapan Tuanku Raja juga hamba tidak melakukan kejahatan.” ²³ Maka raja menjadi sangat gembira dan memberikan perintah supaya Daniel ditarik keluar dari gua itu.

Lalu Daniel ditarik keluar dari gua, dan sesuatu luka pun tidak didapati padanya, kerana dia beriman kepada Allahnya.

²⁴ Kemudian raja memberikan perintah supaya lelaki-lelaki yang melontarkan tuduhan terhadap Daniel itu dicampakkan ke dalam gua singa berserta anak-anak dan isteri mereka. Sebelum mereka sampai ke dasar gua, singa-singa sudah menerkam dan meremukkan segala tulang mereka.

²⁵ Setelah itu, Raja Darius mengirim surat kepada semua orang daripada segala suku, bangsa, dan bahasa yang tinggal di seluruh bumi, “Semoga kesejahteraanmu berlipat ganda!

²⁶ Aku mengeluarkan titah supaya di seluruh wilayah kekuasaan kerajaanku orang harus gentar dan takut kepada Allah yang disembah Daniel,

kerana Dialah Allah yang hidup

dan yang tetap selama-lamanya.

Kerajaan-Nya tidak akan binasa

dan kekuasaan-Nya sampai selamanya.

²⁷ Dia melepaskan dan menyelamatkan,

Dia mengadakan tanda-tanda dan pelbagai keajaiban

baik di langit mahupun di bumi.

Dialah yang melepaskan Daniel daripada cengkaman singa-singa itu.”

²⁸ Daniel ini berkedudukan tinggi pada masa pemerintahan Darius dan pada masa pemerintahan Kores, orang Parsi.

Penglihatan Daniel tentang empat binatang dari laut

7 ¹ Pada tahun yang pertama dalam zaman pemerintahan Belsyazar, raja Babel, Daniel mendapat mimpi dan penglihatan ketika dia berbaring di tempat tidurnya. Lalu dicatatkannya mimpi itu dan inilah garis besarnya. ² Demikianlah kata Daniel, “Tampaklah dalam penglihatanku pada malam hari keempat-empat angin dari langit menggelorakan laut yang besar. ³ Empat ekor binatang besar naik dari dalam laut, rupa yang satu berbeza daripada rupa yang lain. ⁴ Rupa yang pertama seperti singa, tetapi mempunyai sayap burung rajawali. Aku memperhatikan terus sampai sayap-sayapnya tercabut dan ia terangkat dari tanah dan ditegakkan atas kedua-dua belah kakinya seperti manusia lalu kepadanya diberikan akal^b manusia.

⁵ Kemudian tampak pula seekor binatang lain, iaitu yang kedua. Wajahnya seperti beruang dan ia ditegakkan pada sisi badannya yang sebelah. Di

^b**7:4** Atau: Otak dan fikiran.

7:3: Why 13:1; 17:8. **7:4:** Why 13:2.

dalam mulutnya, di antara gigi-giginya, ada tiga batang tulang rusuk dan kepadanya dikatakan demikian, 'Ayuh, bangunlah dan makanlah daging banyak-banyak!'

⁶ Setelah itu, aku terus memperhatikan dan tampaklah seekor binatang lain yang rupanya seperti harimau bintang. Pada belakangnya ada empat sayap burung. Binatang itu berkepala empat dan kepadanya diberikan kekuasaan.

⁷ Setelah itu, aku terus memperhatikan dalam penglihatan pada malam hari itu. Tampaklah binatang keempat yang menakutkan, dahsyat, dan amat kuat. Ada dua baris giginya yang besar dan daripada besi. Dia melahap dan meremukkan mangsa, lalu sisanya diinjak-injaknya dengan kaki. Dia berbeza daripada semua binatang yang terdahulu dan dia ada sepuluh batang tanduk.

⁸ Ketika aku berfikir tentang tanduk-tanduk itu, tampaklah sebatang tanduk lain yang kecil muncul di antara semuanya itu. Lalu tiga batang tanduk yang terdahulu tercabut di hadapannya. Tampaklah pada tanduk itu ada mata seperti mata manusia dan mulut yang bercakap besar.

⁹ Sambil aku melihat gambaran itu, ditempatkan pula takhta-takhta

7:7: Why 12:3; 13:1. **7:8:** Why 13:5,6.

7:9 a: Why 20:4; **b:** Why 1:14.

lantas bersemayamlah Yang Abadi.

Pakaian-Nya putih seperti salji

dan rambut di kepala-Nya bersih seperti bulu domba.

Arasy-Nya merupakan api yang bernyala-nyala, dengan roda-rodanya daripada api yang berkobar.

¹⁰ Sungai api mengalir, memancar dari hadapan-Nya.

Beribu-ribu orang mengabdikan diri kepada-Nya dan berpuluh-puluh ribu orang siap sedia berkhidmat kepada-Nya.

Bersidanglah medan pengadilan dan dibukalah kitab-kitab.

¹¹ Aku terus memperhatikan pada waktu itu kerana bunyi cakap besar yang diucapkan oleh tanduk itu. Aku terus memperhatikannya sehingga binatang itu dibunuh dan bangkainya dibinasakan lalu diserahkan kepada api yang menyala-nyala. ¹² Binatang-binatang yang lain pun dicabut kekuasaannya, tetapi dibenarkan hidup lama sedikit sampai waktu dan masa tertentu.

¹³ Aku terus memperhatikan dalam penglihatan pada malam hari itu.

Tampaklah seorang seperti Anak Manusia
datang dengan awan-awan langit.

Dia sampai kepada Yang Abadi
dan dibawa ke hadirat-Nya.

¹⁴ Lalu dikurniakan kepada-Nya kekuasaan,
kemuliaan, dan kedaulatan,
sehingga semua orang daripada segala suku,
bangsa, dan bahasa
beribadat kepada-Nya.

Kekuasaan-Nya ialah kekuasaan kekal yang
tidak akan lenyap
dan kerajaan-Nya tidak akan binasa.

Malaikat mentafsirkan penglihatan Daniel

¹⁵ Adapun aku, Daniel, jiwaku risau dan cemas
manakala penglihatan dalam fikiranku itu
meresahkan aku. ¹⁶ Aku mendekati seorang
daripada mereka yang berdiri di situ dan
bertanya kepadanya tentang erti sebenarnya
daripada semua hal itu. Dia menjawab aku dan
memberitahukan kepadaku tafsiran hal-hal itu.

¹⁷ Empat ekor binatang besar itu ialah empat
orang raja yang akan muncul di bumi. ¹⁸ Namun
demikian, orang suci milik Yang Maha Tinggi
akan mengambil alih kerajaan itu dan memegang

kerajaan itu buat selama-lamanya, ya, sampai kekal selama-lamanya.

¹⁹ Kemudian aku ingin tahu tentang erti sebenarnya tentang binatang keempat yang berbeza daripada semua binatang yang lain itu. Ia amat menakutkan, giginya daripada besi, dan kukunya daripada gangsa. Dia melahap dan meremukkan mangsa, lalu sisanya diinjakinjaknya dengan kaki. ²⁰ Aku juga ingin tahu tentang sepuluh tanduk yang ada di kepalanya dan tentang tanduk lain yang tumbuh kemudian sehingga tiga tanduk jatuh di hadapannya. Tanduk ini mempunyai mata dan mempunyai mulut yang bercakap besar. Rupanya lebih besar daripada tanduk-tanduk yang lain itu.

²¹ Dalam aku terus memperhatikannya itu, tanduk ini bertempur melawan orang suci dan mengalahkan mereka ²² sehingga datang Yang Abadi lantas memberikan keadilan kepada orang suci milik Yang Maha Tinggi. Maka tibalah waktunya bagi orang suci untuk memegang kerajaan itu.

²³ Maka berkatalah dia demikian, “Binatang yang keempat itu ialah kerajaan keempat yang akan ada di bumi. Kerajaan itu berbeza daripada segala kerajaan dan akan melahap seluruh

bumi, menginjak-injaknya, dan meremukannya.

²⁴ Sepuluh tanduk itu ialah sepuluh orang raja yang muncul daripada kerajaan itu. Setelah mereka akan muncul seorang raja lagi yang berbeza daripada yang terdahulu. Dia akan mengaibkan tiga orang raja itu. ²⁵ Dia akan berucap menentang Yang Maha Tinggi dan menganiaya orang suci serta berusaha untuk mengubah waktu dan hukum. Orang suci itu akan diserahkan ke dalam tangannya untuk satu masa, dua masa, dan separuh masa.

²⁶ Tetapi dewan pengadilan akan bersidang dan kuasa pemerintahannya akan dicabut lantas punah dan binasa sampai selamanya. ²⁷ Maka pemerintahan, kekuasaan, dan keagungan segala kerajaan di bawah seluruh kolong langit akan diserahkan kepada umat suci milik Yang Maha Tinggi. Kerajaan-Nya ialah kerajaan yang kekal. Segala penguasaan akan beribadat dan taat kepada-Nya.

²⁸ Sempailah di sini kata-kataku tentang hal itu. Aku, Daniel, menjadi sangat resah dengan fikiranku dan pucatlah wajahku. Namun demikian, hal itu kusimpan dalam hatiku.”

7:24: Why 17:12. **7:25:** Why 12:14; 13:5,6.

7:27 a: Why 20:4; **b:** Why 22:5.

Penglihatan Daniel tentang domba jantan dan kambing jantan

8¹ Pada tahun ketiga dalam zaman pemerintahan Raja Belsyazar, tampaklah kepadaku, Daniel, suatu penglihatan selepas penglihatan yang kulihat sebelumnya. ² Aku melihat dalam penglihatan itu bahawa ketika aku mengamati, aku berada di puri Susan, yang terletak di Wilayah Elam. Aku melihat juga dalam penglihatan itu bahawa aku berada di tepi Sungai Ulai. ³ Ketika aku menunjukan pandang dan mengamati, tampaklah seekor domba jantan yang bertanduk dua berdiri di tepi sungai itu. Kedua-dua tanduknya panjang, tetapi yang satu lebih panjang daripada yang lain. Tanduk yang lebih panjang itu tumbuh di belakang tanduk yang pendek. ⁴ Aku melihat domba jantan itu menanduk ke arah barat, utara, dan selatan. Tiada haiwan yang dapat bertahan di hadapannya dan tidak ada yang dapat melepaskan diri daripada kekuasaannya. Dia berbuat sesuka hati dan membesarkan diri.

⁵ Sementara aku memikirkan hal itu, tiba-tiba datanglah seekor kambing jantan dari arah barat, melintasi seluruh permukaan bumi tanpa menyentuh tanah. Kambing jantan itu mempunyai sebatang tanduk yang tampak ketara

sekali di antara matanya. ⁶ Ia mendatangi domba jantan bertanduk dua yang kulihat berdiri di tepi sungai itu, lalu berlari ke arahnya dengan amarah yang begitu marak sekali. ⁷ Aku melihat ia mendekati domba jantan itu dan begitu marah kepadanya. Lalu dihentamnya domba jantan itu dan dipatahkan kedua-dua tanduknya. Tidak ada kuasa pada domba jantan itu untuk bertahan di hadapannya. Kambing itu menghempaskannya ke bumi dan menginjak-injaknya. Tidak ada yang dapat melepaskan domba jantan itu daripada kuasanya.

⁸ Kambing jantan itu terlalu membesarkan diri. Tetapi sesudah ia menjadi teramat kuat, tanduknya yang besar itu patah. Sebagai gantinya tumbuhlah empat batang tanduk yang menanjak ke arah empat mata angin. ⁹ Daripada salah satu tanduk itu keluarlah sebatang tanduk kecil yang menjadi sangat besar ke arah selatan, ke arah timur, dan ke arah Tanah Yang Mulia. ¹⁰ Ia semakin besar sehingga mencapai benda-benda langit. Ia menjatuhkan ke bumi sebahagian daripada benda-benda langit itu, yakni daripada bintang-bintang, lalu menginjak-injaknya.

¹¹ Malah ia membesarkan diri terhadap Penguasa benda-benda langit. Ia merampas korban

sehari-hari daripada-Nya dan merobohkan tempat suci-Nya. ¹² Kerana pemberontakan, tentera diserahkan kepadanya bersama dengan korban sehari-hari. Kebenaran dicampakkannya ke bumi dan apa-apa pun yang dilakukannya berhasil.

¹³ Kemudian kudengar seorang suci berbicara, dan seorang suci lainnya berkata kepada orang yang berbicara tadi, “Berapa lamakah tempoh waktu penglihatan tentang korban sehari-hari, pemberontakan yang mendatangkan kebinasaan, tempat suci yang diserahkan, dan tentera yang diinjak-injak itu?”

¹⁴ Lalu dia berkata kepadaku, “Sampai dua ribu tiga ratus petang dan pagi, barulah tempat suci itu akan disucikan.”

Tafsiran penglihatan Daniel

¹⁵ Sewaktu aku, Daniel, sedang melihat penglihatan itu dan berusaha memahaminya, tiba-tiba berdirilah di hadapanku sesuatu yang serupa manusia. ¹⁶ Lalu di antara dua tebing Sungai Ulai itu aku mendengar suara manusia yang berseru demikian, “Hai Gabriel, jelaskanlah kepada orang ini erti penglihatan itu!” ¹⁷ Maka dia datang mendekati tempat aku berdiri.

Kedatangannya membuat aku takut lalu aku sujud memberi hormat.

Katanya kepadaku, “Fahamilah, wahai anak manusia, bahawa penglihatan itu adalah tentang akhir zaman.”¹⁸ Semasa dia berbicara denganku, aku jatuh pengsan dengan muka menelungkup ke tanah. Tetapi dia menyentuh aku dan membuat aku bangkit berdiri tegak.¹⁹ Dia berkata, “Ketahuilah, aku akan memberitahukan kepadamu apa yang akan terjadi pada masa murka yang terakhir ini, kerana hal itu berkaitan dengan akhir zaman yang sudah ditentukan.²⁰ Domba jantan bertanduk dua yang kaulihat itu ialah raja-raja Media dan Parsi.²¹ Kambing jantan yang berbulu panjang itu ialah raja Yunani. Tanduk besar di antara dua matanya ialah raja yang pertama.²² Tanduk itu patah, dan empat batang tanduk yang muncul menggantikannya ialah empat kerajaan yang akan muncul daripada bangsa itu, tetapi tidak sekuat yang terdahulu.

²³ Menjelang penghujung pemerintahan kerajaan mereka,
ketika kejahatan orang derhaka sudah memuncak,
akan muncul seorang raja
yang bermuka garang dan licik.

²⁴ Kuasanya akan menjadi besar,
tetapi bukan oleh kekuatannya sendiri.

Dia akan membuat kerosakan yang luar biasa dan berhasil dalam apa-apa pun yang dilakukannya.

Dia akan membinasakan orang kuat dan umat yang suci.

²⁵ Kerana kepandaiannya, tipu daya yang dilakukannya akan berhasil dan dalam hatinya dia akan membesarkan diri.

Dia membinasakan ramai orang, dan dia bangkit melawan Penguasa segala penguasa.

Tetapi dia akan dipatahkan bukan oleh tangan manusia.

²⁶ Penglihatan mengenai petang dan pagi yang telah disebutkan itu benar adanya.

Tetapi engkau, rahsiakanlah penglihatan itu, kerana hal itu berkaitan dengan masa yang masih jauh.”

²⁷ Aku, Daniel, menjadi lemah dan sakit selama beberapa hari. Setelah itu, aku bangun semula dan melaksanakan urusan raja. Aku kehairanan dengan penglihatan itu dan tidak dapat memahaminya.

Doa Daniel

9¹ Pada tahun yang pertama dalam zaman pemerintahan Darius anak Ahasyweros,

daripada keturunan orang Media, yang telah dijadikan raja kerajaan orang Kasdim.

² Pada tahun yang pertama dalam zaman pemerintahannya itu, aku, Daniel, mengamati dalam kitab-kitab bahawa menurut firman Tuhan kepada Nabi Yeremia jumlah tahun sebelum berakhirnya keruntuhan Yerusalem ialah tujuh puluh tahun. ³ Lalu aku menumpukan hati kepada Tuhan Allah dengan berikhtiar dalam doa dan permohonan sambil berpuasa serta mengenakan kain perkabungan dan abu. ⁴ Aku berdoa kepada Tuhan, Allahku, dan mengakui segala dosa, demikian, “Ya Tuhan, Allah, Yang Maha Besar dan terlalu mengagumkan, yang berpegang teguh pada perjanjian dan kasih abadi terhadap orang yang mencintai Engkau serta berpegang teguh pada segala perintah-Mu!

⁵ Kami telah berdosa, bersalah, berbuat fasiq, dan menderhaka. Kami telah menyimpang daripada perintah-perintah-Mu dan peraturan-peraturan-Mu. ⁶ Kami tidak mendengar teguran hamba-hamba-Mu, para nabi, yang berbicara atas nama-Mu kepada raja-raja kami, para pembesar kami, nenek moyang kami, dan kepada seluruh rakyat negeri. ⁷ Ya Tuhan, Engkaulah yang benar, dan kamilah yang penuh rasa malu

sebagaimana nyata pada hari ini, kami orang Yehuda, penduduk Yerusalem, dan semua orang Israel, baik mereka yang dekat mahupun yang jauh, di segala negeri tempat Engkau menghalau mereka kerana kemungkaran yang dilakukan oleh mereka terhadap Engkau. ⁸ Ya Tuhan, kamilah yang penuh rasa malu, begitu juga para raja kami, para pembesar kami, dan nenek moyang kami, kerana kami telah berdosa terhadap Engkau. ⁹ Pada Tuhan, Allah kami, ada rahmat dan pengampunan, walaupun kami telah menderhaka terhadap-Nya. ¹⁰ Kami tidak mematuhi Tuhan, Allah kami, untuk hidup menurut hukum-hukum yang telah diberikan-Nya kepada kami dengan perantaraan hamba-hamba-Nya, para nabi. ¹¹ Semua orang Israel telah melanggar hukum-Mu dan menyimpang kerana tidak mematuhi-Mu. Oleh sebab itu kutuk dan sumpah yang tersurat dalam Kitab Suci Taurat yang disampaikan melalui Musa, hamba Allah itu, dicurahkan kepada kami, kerana kami telah berdosa terhadap-Nya. ¹² Dia telah melaksanakan firman yang disampaikan-Nya terhadap kami dan terhadap para hakim yang memerintah kami dengan mendatangkan malapetaka besar terhadap kami. Di seluruh kolong langit belum pernah terjadi hal seperti yang telah terjadi di Yerusalem. ¹³ Seperti tersurat dalam Kitab Suci

Taurat yang disampaikan Allah melalui Musa, segala malapetaka itu telah menimpa kami. Namun demikian, kami tidak memohon belas kasihan Tuhan, Allah kami, dengan bertaubat daripada segala kesalahan kami dan bertindak bijaksana dalam kebenaran-Mu. ¹⁴ Oleh sebab itu Tuhan bersiap sedia dengan malapetaka itu dan mendatangkannya terhadap kami, kerana Tuhan, Allah kami, sememangnya benar dalam segala perbuatan yang dilakukan-Nya, tetapi kami tidak mematuhi-Nya.

¹⁵ Sekarang, ya Tuhan, Allah kami, yang telah membawa umat-Mu keluar dari Tanah Mesir dengan tangan kuat dan yang menjadi masyhur sebagaimana nyata hari ini, kami telah berdosa, kami telah berbuat fasiq. ¹⁶ Ya Tuhan, selaras dengan segala kebenaran-Mu, surutkanlah kiranya amarah dan murka-Mu dari kota-Mu Yerusalem, yakni gunung-Mu yang suci. Sungguh, kerana dosa-dosa kami dan kesalahan-kesalahan nenek moyang kami, Yerusalem dan umat-Mu menjadi bahan celaan bagi semua orang di sekeliling kami. ¹⁷ Sekarang, ya Allah kami, dengarlah doa hamba-Mu dan permohonan-permohonannya. Demi Tuhan sendiri, biarlah hadirat-Mu menyinari tempat suci-Mu yang telah tandus ini. ¹⁸ Ya Allahku, berilah perhatian dan dengarlah! Sudilah

memandang dan lihatlah kebinasaan kami serta kota yang disebut dengan nama-Mu. Kami menyampaikan kesemua permohonan ini ke hadirat-Mu bukan berasaskan kebenaran kami, melainkan berasaskan rahmat-Mu yang besar. ¹⁹ Ya Tuhan, dengarlah! Ya Tuhan, ampunilah! Ya Tuhan, perhatikanlah dan bertindaklah! Demi nama-Mu, ya Allahku, jangan bertanggung, kerana kota-Mu dan umat-Mu disebut dengan nama-Mu!”

Nubuat bagi tujuh puluh minggu untuk Daniel

²⁰ Sewaktu aku berbicara dan berdoa, mengaku dosaku dan dosa bangsaku Israel, dan menyampaikan permohonanku ke hadirat Tuhan, Allahku, bagi gunung suci Allahku, ²¹ sewaktu aku berbicara dalam doa itu, Gabriel yang kulihat dalam penglihatan yang terdahulu itu, terbang dengan cepat mendatangi aku kira-kira pada waktu persembahan petang. ²² Dia mengajarku serta berbicara dengan aku, katanya, “Daniel, sekarang aku datang untuk memberikan kepadamu akal budi dan pengertian. ²³ Ketika engkau mulai menyampaikan permohonanmu, keluarlah suatu firman. Aku datang untuk memberitahukan isinya kepadamu, kerana

engkau ini seorang yang sangat dikasihi. Jadi, perhatikanlah firman itu dan fahamilah penglihatan itu!

²⁴Tempoh masa tujuh puluh minggu telah ditentukan atas bangsamu dan atas kota sucimu untuk mengakhiri pelanggaran, untuk menghentikan dosa, untuk melakukan pendamaian atas kesalahan, untuk mendatangkan perbenaran^c yang kekal, untuk memenuhi penglihatan dan nubuat, dan untuk mentakdiskan yang maha suci. ²⁵Oleh sebab itu ketahuilah dan fahamilah: sejak keluarnya perintah untuk memulihkan dan membangunkan kembali Yerusalem sampai datangnya Orang Yang Dilantik, yakni seorang raja, akan ada tempoh masa tujuh minggu. Kemudian, selama enam puluh dua minggu, kota itu akan dibangunkan semula dengan tempat-tempat umum dan parit-paritnya, tetapi masa itu penuh kesusahan. ²⁶Selepas tempoh selama enam puluh dua minggu itu, Orang Yang Dilantik itu akan dilenyapkan dan tidak akan memiliki apa-apa. Kota dan tempat suci itu akan dimusnahkan oleh rakyat daripada seorang raja yang akan datang. Masa itu akan diakhiri

^c**9:24** Perbenaran: Perkataan ini merangkumi makna keadilan.

dengan air bah dan sampai akhir zaman akan ada peperangan. Kebinasaan sudah ditentukan. ²⁷ Raja itu akan mengukuhkan perjanjian dengan ramai orang selama satu minggu. Pada pertengahan minggu itu, dia akan menghentikan korban sembelihan dan persembahan bahan makanan. Si pembinasakan akan datang di atas sayap kekejian,^d sampai kesudahan yang telah ditentukan dicurahkan ke atas si pembinasakan itu.”

Penglihatan Daniel di tepi Sungai Tigris

10 ¹ Pada tahun ketiga dalam zaman pemerintahan Kores, raja Parsi, suatu hal dinyatakan kepada Daniel yang diberi nama Beltsazar. Hal itu benar dan mengenai suatu peperangan yang besar. Dia memahami hal itu dan mendapat pengertiannya melalui penglihatan.

² Pada waktu itu, aku, Daniel, sedang berkabung selama tiga minggu penuh. ³ Makanan yang sedap tidak kumakan, daging dan air anggur tidak masuk ke dalam mulutku, dan aku tidak memakai minyak wangi sama sekali sampai genap tiga minggu penuh.

^d**9:27** Kekejian: Juga membawa maksud kejjikan

9:27: Dan 11:31; 12:11; Mat 24:15; Mrk 13:14.

⁴ Pada hari yang kedua puluh empat dalam bulan yang pertama, aku berada di tepi sungai besar, yaitu Sungai Tigris. ⁵ Ketika aku mengangkat mukaku, aku terlihat seorang yang berpakaian kain linen dan berikat pinggang emas dari Ufas. ⁶ Tubuhnya seperti permata topaz, mukanya serupa kilat, matanya seperti obor menyala, lengan dan kakinya serupa gangsa yang digosok, dan bunyi kata-katanya seperti bunyi keramaian orang.

⁷ Hanya aku, Daniel, yang melihat penglihatan itu. Orang yang ada bersamaku tidak melihat penglihatan itu, tetapi kegentaran yang besar melanda mereka sehingga mereka lari menyembunyikan diri. ⁸ Aku tertinggal seorang diri dan melihat penglihatan yang besar itu. Tidak ada lagi kekuatan tersisa padaku. Air mukaku berubah menjadi sangat pucat. Tidak ada lagi kekuatan padaku. ⁹ Lalu aku mendengar bunyi kata-katanya. Ketika aku mendengar bunyi kata-katanya itu, aku jatuh pingsan dengan muka tertelungkup ke tanah. ¹⁰ Tetapi ada suatu tangan menyentuh aku dan membuat aku gemetar pada lutut dan telapak tanganku.

¹¹ Katanya kepadaku, “Hai Daniel, orang yang sangat dikasihi, perhatikanlah kata-kata yang

kusampaikan kepadamu dan berdirilah tegak, kerana sekarang aku diutus kepadamu.” Setelah ia menyampaikan kata-kata itu kepadaku, berdirilah aku dengan gementar.

¹² Katanya lagi kepadaku, “Jangan takut, Daniel, kerana sejak hari pertama engkau menetapkan hati untuk mendapat pengertian dan merendahkan diri di hadapan Allahmu, permintaanmu telah didengar. Aku ini datang kerana permintaanmu itu. ¹³ Penguasa kerajaan Parsi muncul menentang aku selama dua puluh satu hari. Tetapi Mikhail, salah seorang malaikat penjaga yang terutama, datang menolong aku, kerana aku tertahan di sana dengan raja-raja Parsi. ¹⁴ Aku datang untuk menjelaskan kepadamu apa yang akan kelak terjadi kepada bangsamu, kerana penglihatan ini berkenaan hari-hari pada masa depan.”

¹⁵ Setelah dia menyampaikan hal-hal itu kepadaku, aku menundukkan muka memandang tanah dan menjadi kelu. ¹⁶ Tiba-tiba sesuatu yang serupa anak-anak manusia menyentuh bibirku. Aku membuka mulut dan mulai berbicara. Kataku kepada orang yang berdiri di hadapanku itu, “Ya tuanku, kerana penglihatan itu rasa perih menimpaku dan tidak ada lagi kekuatan padaku.

¹⁷ Bagaimana hamba tuanku ini dapat berbicara dengan tuanku? Sekarang ini tidak ada lagi kekuatan padaku dan nafas pun tidak tersisa padaku!”

¹⁸ Sekali lagi dia yang serupa manusia itu menyentuh aku dan menguatkan aku. ¹⁹ Katanya, “Jangan takut, wahai orang yang sangat dikasihi! Sejahteralah engkau! Jadilah kuat, ya, jadilah kuat!” Ketika dia berbicara denganku, aku menjadi kuat. Lalu kataku, “Berbicaralah, tuanku, kerana tuan telah menguatkan hamba.”

²⁰ Katanya, “Tahukah engkau mengapa aku datang kepadamu? Sebentar lagi aku akan kembali berperang melawan malaikat penjaga Parsi. Setelah aku pergi, ketahuilah, malaikat penjaga Yunani akan datang. ²¹ Tetapi aku akan memberitahukan apa yang tersurat dalam Kitab Kebenaran.

Tidak ada sesiapa pun yang membantu aku melawan mereka, selain Mikhail, malaikat penjagamu.

11 ¹ Seterusnya pada tahun pertama dalam pemerintahan Darius, orang Media itu, aku telah bangkit untuk menguatkan dan melindungi dia.”

Raja negeri utara dan raja negeri selatan

² “Sekarang aku akan memberitahukan kebenaran kepadamu. Ketahuilah, tiga orang raja lagi akan muncul di Parsi, dan yang keempat akan mendapat kekayaan besar melebihi mereka semua. Setelah dia menjadi kuat kerana kekayaannya, dia akan mengerahkan semua orang untuk melawan kerajaan Yunani.

³ Kemudian akan muncul seorang raja yang perkasa. Dia akan memerintah dengan kuasa yang besar dan berbuat sesuka hati. ⁴ Tidak lama selepas kemunculannya, kerajaannya akan terpecah dan terbahagi menurut empat arah mata angin. Tetapi kerajaan itu tidak akan menjadi milik keturunannya dan tidak akan berkuasa sebagaimana dia berkuasa, kerana kerajaannya akan dicabut dan diberikan kepada orang lain selain keturunannya itu.

⁵ Kemudian raja negeri selatan akan menjadi kuat, tetapi seorang daripada pembesarnya akan menjadi lebih kuat daripadanya. Orang itu akan memerintah kerajaannya sendiri dengan kuasa yang besar. ⁶ Setelah beberapa tahun berlalu, kedua-duanya akan bersekutu. Puteri raja negeri selatan akan datang menemui raja negeri utara untuk membuat persetujuan. Tetapi puteri itu tidak akan dapat

mempertahankan kekuasaannya, dan sang raja dengan kekuasaannya pun tidak akan bertahan. Pada waktu itu sang puteri akan diserahkan bersama dengan orang yang menghantarnya, ayahnya, dan orang yang menyokongnya. ⁷ Tetapi suatu tunas daripada akar puteri itu akan muncul menggantikan kedudukan sang raja. Dia akan maju menyerang pasukan raja negeri utara dan memasuki bentengnya. Dia akan bergerak menentang mereka dan akan berkuasa. ⁸ Bahkan dewa-dewa^e mereka, patung-patung tuangan mereka, serta barang-barang mereka yang indah iaitu yang dibuat daripada perak dan emas akan dibawanya sebagai jarahan ke Mesir. Dia akan berhenti menyerang raja negeri utara selama beberapa tahun. ⁹ Raja negeri utara akan memasuki kerajaan raja negeri selatan, tetapi kemudian kembali ke tanahnya sendiri.

¹⁰ Anak-anaknya akan bergerak untuk berperang dan mengerahkan pasukan tentera besar yang akan menyerbu, melanda, dan menerobos. Mereka akan kembali menyemarakkan api peperangan sampai ke benteng lawan. ¹¹ Lalu marahlah raja negeri selatan lalu keluar berperang melawan pasukan perang raja negeri utara yang telah mengerahkan pasukan yang

^e**11:8** Atau: Tuhan-tuhan.

besar. Akan tetapi pasukan itu akan diserahkan ke dalam tangan raja negeri selatan. ¹² Penyingkiran pasukan lawannya itu membuatnya menjadi angkuh. Dia akan menewaskan puluhan ribu orang, tetapi tidak akan menang.

¹³ Raja negeri utara akan kembali mengerahkan pasukan besar, yang lebih besar daripada yang terdahulu. Setelah beberapa tahun berlalu, dia akan menyerbu dengan pasukan yang besar dan dengan alat kelengkapan dan bekalan yang amat banyak. ¹⁴ Pada waktu itu, ramailah yang akan bangkit menentang raja negeri selatan. Orang yang ganas daripada kalangan bangsamu akan bangkit memberontak sehingga ternyatalah penglihatan itu, tetapi mereka akan gagal.

¹⁵ Kemudian akan maralah raja negeri utara dan dia akan menimbuni tanggul pengepung dan merebut kota yang berkubu. Bala tentera negeri selatan tidak akan dapat bertahan, bahkan pasukan pilihannya pun tidak mempunyai kekuatan untuk bertahan, ¹⁶ sehingga raja yang datang menyerangnya akan berbuat sesuka hati. Tidak ada yang dapat bertahan menghadapinya. Dia akan berdiri di Tanah Yang Mulia dan mempunyai kuasa untuk membinasakannya.

¹⁷ Dia akan membulatkan hati untuk datang dengan kekuatan seluruh kerajaannya. Dia akan membawa persetujuan damai dan

melaksanakannya. Dia akan menyerahkan seorang puteri kepada raja negeri selatan untuk membinasakan kerajaannya. Tetapi sang puteri tidak akan menjalankan niatnya itu dan tidak akan terus setia kepadanya.¹⁸ Setelah itu, tumpuannya dialihkan ke daerah-daerah pesisir dan banyaklah antaranya yang direbutnya. Tetapi seorang pemimpin akan menghentikan perbuatannya yang menghina itu, bahkan membalikkan cela itu kepadanya.¹⁹ Kemudian dia akan mengalihkan perhatiannya ke kubu-kubu di negerinya sendiri, tetapi dia akan tersandung, jatuh, dan tidak ditemukan lagi.

²⁰ Akan muncul menggantikan kedudukannya, seorang yang mengutus si pemungut ufti demi kemuliaan kerajaan itu. Tetapi dalam tempoh beberapa hari sahaja dia akan dibinasakan, bukan oleh kemarahan mahupun oleh peperangan.

²¹ Akan muncul menggantikan kedudukannya, seorang yang hina, yang tidak berhak dikurniai kemuliaan kerajaan. Dia akan datang dalam masa aman dan memperoleh kerajaan itu dengan kelicikannya.²² Mana-mana bala tentera yang datang akan disapu habis dan dihancurkan dari hadapannya, termasuklah seorang raja yang mematerai perjanjian juga.²³ Sejak diadakan perikatan dengannya, dia akan melakukan tipu daya dan bangkit menjadi kuat dengan rakyat

yang sedikit sahaja bilangannya. ²⁴ Dalam masa aman, dia akan mendatangi tempat-tempat yang subur di wilayah itu dan melakukan apa yang tidak pernah dilakukan oleh para leluhurnya dan nenek moyangnya. Dia membahagi-bahagikan rampasan, jarahan, dan harta benda kepada para orangnya. Dia membuat rancangan untuk menyerang kubu-kubu, tetapi hanya seketika lamanya.

²⁵ Dia akan mendorongkan lantas mengerahkan kekuatan dan keberaniannya untuk melawan raja negeri selatan dengan menggunakan pasukan yang besar. Raja negeri selatan akan berperang dengan pasukan yang besar dan amat kuat, tetapi dia tidak akan dapat bertahan lantaran pelbagai rancangan pihak musuh demi menentangnya.

²⁶ Kalangan yang makan daripada santapannya akan berusaha untuk membinasakan dia.

Pasukannya akan disapu habis dan ramailah

orang yang akan tewas terbunuh. ²⁷ Kedua-dua raja itu berniat jahat. Mereka akan duduk semeja dan berkata dusta, tetapi itu tidak akan

membawa kejayaan, kerana akhir yang sudah ditentukan itu masih lama. ²⁸ Maka raja negeri

utara akan kembali ke negerinya dengan banyak harta benda dan tetaplah hatinya dengan niat untuk menentang perjanjian suci itu. Dia akan

bertindak melaksanakan niatnya lalu kembali ke negerinya.

²⁹ Pada waktu yang sudah ditentukan, dia akan kembali memasuki negeri selatan, tetapi kunjungan kali itu tidak akan sama seperti usaha yang terdahulu. ³⁰ Kapal-kapal Kitim akan mendatangnya lantasi melemahkan semangatnya. Dia akan berpatah pulang dengan rasa geram terhadap perjanjian suci dan akan melakukan niatnya. Setelah pulang, dia akan memberikan perhatian kepada orang yang mengabaikan perjanjian suci. ³¹ Bala tenteranya akan muncul dan menajiskan tempat suci yang berkubu itu. Mereka akan menghentikan korban sehari-hari dan menegakkan kekejian^f yang mendatangkan kebinasaan. ³² Dengan kata-kata licik, dia akan mencabuli orang yang berlaku fasiq terhadap perjanjian itu. Tetapi umat yang mengenal Allah mereka akan tetap kuat dan akan bertindak dengan berani. ³³ Orang bijaksana dalam kalangan umat itu akan mengajar ramai orang, walaupun mereka akan ditumpaskan oleh pedang dan nyala api, ditawan dan dijarah selama beberapa waktu. ³⁴ Ketika mereka tersandung, mereka akan mendapat sedikit

^f **11:31** Kekejian: Juga membawa maksud kejiikan.

pertolongan. Ramai orang akan berpura-pura seperti akan bergabung dengan mereka.³⁵ Malah ada dalam kalangan bijaksana itu yang akan jatuh supaya mereka dapat dimurnikan, disucikan, dan dibersihkan bahkan sehingga masa akhir, kerana akhir masa itu sudah ditentukan.

³⁶ Lalu raja itu akan berbuat sewenang-wenangnya. Dia akan meninggikan diri dan terus membesarkan diri atas segala tuhan serta mengucapkan hal-hal yang dahsyat menentang Allah segala allah. Dia akan beroleh kejayaan sehingga genap tempoh kemurkaan itu, kerana apa yang sudah ditentukan akan terlaksana.

³⁷ Dia tidak akan mengendahkan tuhan-tuhan yang disembah oleh nenek moyangnya, malah tidak juga tuhan pujaan kaum wanita. Dia tidak akan mengendahkan tuhan mana pun, kerana dia akan mengangkat dirinya mengatasi kesemuanya.

³⁸ Tetapi sebaliknya dia akan memuliakan tuhan segala kubu dan benteng, iaitu tuhan yang tidak dikenal oleh nenek moyangnya. Dia akan memuliakannya dengan emas, perak, permata, dan barang-barang berharga.³⁹ Dia akan bertindak terhadap benteng-benteng terkuat dengan pertolongan tuhan asing itu. Sesiapa yang mengakui tuhan itu akan diberi kehormatan

besar. Dia akan menjadikan mereka penguasa atas ramai orang dan membahagi-bahagikan tanah sebagai upah mereka.

⁴⁰ Pada masa akhir, raja negeri selatan akan menyerangnya. Raja negeri utara itu menyerang dia seperti badai dengan segala rata, pasukan berkuda, dan kumpulan kapal yang banyak. Dia akan memasuki negeri-negeri, melanda, dan menerobosnya. ⁴¹ Dia pun akan memasuki Tanah Yang Mulia. Banyak negeri akan diruntuhkannya, tetapi yang berikut ini akan terselamat daripada tangannya: Edom, Moab, dan wilayah terpenting daripada bani Amon. ⁴² Dia akan melanjutkan lagi ruang lingkup kuasanya atas negeri-negeri lain, bahkan Tanah Mesir pun tidak akan terselamat. ⁴³ Dia akan menguasai harta emas, perak, dan segala barang berharga Mesir. Orang Libia dan orang Kush akan tunduk mengikutinya. ⁴⁴ Tetapi dia akan dikejutkan oleh khabar-khabar dari timur dan dari utara. Dia akan maju dengan kegusaran besar untuk memusnahkan dan menumpas ramai orang. ⁴⁵ Dia akan mendirikan khemah-khemah kerajaannya di antara laut dengan gunung mulia yang suci itu, tetapi ajalnya tetap akan tiba jua dan tiada sesiapa yang ada untuk menolongnya.”

Akhir zaman

12¹ “Pada waktu itu akan muncul Mikhail, malaikat penjaga yang besar, yang bertugas mengawasi anak-anak bangsamu. Akan ada masa kesesakan yang belum pernah terjadi sejak permulaan bangsa itu sehingga waktu itu. Tetapi pada waktu itu bangsamu sendiri, yakni semua orang yang namanya tercatat dalam kitab itu akan terselamat.² Ramai daripada kalangan yang tidur dalam tanah yang berdebu akan bangun, sebahagiannya untuk mendapat hidup kekal, manakala sebahagian lagi untuk mendapat celaan dan kehinaan yang kekal.³ Akan bersinarlah orang yang bijaksana, seperti cahaya cakerawala, dan mereka yang memimpin ramai orang kepada perbenaran^g akan bersinar seperti bintang untuk seterusnya dan selama-lamanya.

⁴ Tetapi engkau, Daniel, rahsiakanlah kata-kata ini dan materaikanlah kitab itu sampai akhir

^g**12:3** Perbenaran: Perkataan ini antara maknanya bermaksud tingkah laku yang baik dan benar.

12:1 a: Why 12:7; **b:** Mat 24:21; Mrk 13:19; Why 7:14; 12:7. **12:2:** Yes 26:19; Mat 25:46; Yoh 5:29.

12:4: Why 22:10.

zaman. Ramai orang akan pergi ke sana ke mari dan pengetahuan akan bertambah.”

⁵ Ketika aku, Daniel, mengamati-amati, tampaklah dua orang lain berdiri, seorang di tepi sungai seberang sini, seorang di tepi sungai seberang sana. ⁶ Yang seorang bertanya kepada orang yang berpakaian kain linen, yang ada di sebelah atas air sungai itu, “Berapa lama lagiakah maka hal-hal ajaib ini akan berakhir?”

⁷ Lalu aku mendengar orang yang berpakaian kain linen, yang ada di sebelah atas air sungai itu, bersumpah demi Dia yang hidup selama-lamanya sambil mengangkat tangan kanan dan tangan kirinya ke langit, “Untuk satu masa, dua masa, dan setengah masa. Begitu berakhir penghancuran kuasa umat suci, barulah hal-hal ini akan digenapi.”

⁸ Aku mendengar hal itu, tetapi tidak memahaminya. Maka aku bertanya, “Ya tuanku, apakah kesudahan daripada hal-hal ini?”

⁹ Jawabnya, “Pergilah, Daniel, kerana kata-kata ini akan dirahsiakan dan dimateraikan sehingga akhir zaman. ¹⁰ Ramai orang akan disucikan, dibersihkan, dan dimurnikan, tetapi orang fasiq akan terus berbuat kefasiqan. Orang fasiq mana

pun tidak akan memahaminya, tetapi para bijaksana akan memahaminya.

¹¹ Sejak waktu korban sehari-hari dihapuskan dan kekejian yang mendatangkan kebinasaan itu ditegakkan, akan ada seribu dua ratus sembilan puluh hari. ¹² Berbahagialah orang yang menanti sehingga mencapai seribu tiga ratus tiga puluh lima hari.

¹³ Tetapi engkau, pergilah sampai tiba ajalmu. Engkau akan beristirahat dan akan bangkit untuk mendapat bahagianmu pada akhir zaman.”

HOSEA

1 ¹ Inilah firman Tuhan yang turun kepada Hosea anak Beerli pada zaman Uzia, Yotam, Ahas, dan Hizkia, raja-raja Yehuda, dan pada zaman pemerintahan Yerobeam anak Yoas, raja Israel.

Keluarga Hosea

² Apabila Tuhan mulai berbicara dengan perantaraan Hosea, Dia berfirman kepada Hosea, “Pergilah, peristerilah seorang perempuan lacur dan milikilah anak-anak pelacur, kerana luar biasa besarnya pelacuran penduduk negeri ini dengan meninggalkan Tuhan.”

³ Maka pergilah dia memperisteri Gomer, anak perempuan Diblaim. Perempuan itu pun mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki baginya. ⁴ Firman Tuhan kepada Hosea, “Namailah dia Yizreel, kerana tidak lama lagi Aku akan membalas penumpahan darah di Yizreel kepada keturunan kaum Yehu dan Aku akan

1:1 a: 2Raj 15:1-7; 2Taw 26:1-23; **b:** 2Raj 15:32-38; 2Taw 27:1-8; **c:** 2Raj 16:1-20; 2Taw 28:1-27; **d:** 2Raj 18:1—20:21; 2Taw 29:1—32:33; **e:** 2Raj 14:23-29. **1:4:** 2Raj 10:11.

mengakhiri kerajaan keturunan kaum Israel.

⁵ Pada hari itu Aku akan mematahkan busur panah Israel di Lembah Yizreel.”

⁶ Perempuan itu mengandung lagi lalu melahirkan seorang anak perempuan. Firman Tuhan kepada Hosea, “Namailah dia Lo-Ruhama,^h kerana Aku tidak akan mengasihani keturunan kaum Israel lagi sehingga Aku sudi mengampuni mereka. ⁷ Tetapi Aku akan mengasihani keturunan kaum Yehuda dan menyelamatkan mereka demi Tuhan, Allah mereka. Aku tidak akan menyelamatkan mereka dengan busur panah, dengan pedang, dengan peperangan, dengan kuda, atau dengan pasukan berkuda.”

⁸ Setelah Lo-Ruhama bercerai susu, perempuan itu mengandung lagi lalu melahirkan seorang anak lelaki. ⁹ Firman Tuhan, “Namailah dia Lo-ami, kerana kamu bukan umat-Ku dan Aku tidak mahu menjadi Allahmu.”

Janji tentang penyelamatan

¹⁰ Namun demikian, jumlah orang Israel kelak akan seperti pasir laut yang tidak dapat disukat atau dihitung. Nanti, di tempat dikatakan kepada

^h**1:6** Lo-Ruhama dalam bahasa Ibrani bererti, “Yang Tidak Dikasihani.”

mereka, ‘Kamu bukan umat-Ku,’ di situ akan dikatakan kepada mereka, ‘Kamulah anak-anak Allah yang hidup.’¹¹ Bani Yehuda dan orang Israel akan berkumpul bersama-sama dan akan mengangkat seorang pemimpin atas mereka. Mereka akan keluar dari negeri ini, kerana hebatlah kelak hari Yizreel itu.

Orang Israel ditolak dan dipulihkan

2¹ Sebutlah saudara-saudara lelakimu, ‘Ami,ⁱ dan saudara-saudara perempuanmu, ‘Ruhama.’^j

² “Merayulah, merayulah supaya ibumu berubah,

kerana dia bukan isteri-Ku
dan Aku bukan suaminya.

Biarlah dia menjauhkan pelacurannya daripada mukanya

dan zinanya dari antara buah dadanya,

³ jangan sampai Aku melucuti pakaiannya
sehingga dia telanjang

dan membiarkannya seperti pada hari dia dilahirkan.

ⁱ2:1 “Ami” dalam bhs Ibrani bermakna, “umatku”

^j2:1 Ruhama dlm bhs Ibrani bermakna, “Yang Tidak Dikasihani.”

Aku juga akan menjadikan dia seperti gurun
dan membuat dia seperti tanah gersang.

Akan Kubiarkan dia mati dengan rasa dahaga.

⁴ Tiada belas kasihan-Ku atas anak-anaknya,
kerana mereka anak pelacuran.

⁵ Ibu mereka telah bersundal,
perbuatan dia yang mengandung mereka
sememangnya mengaibkan.

Katanya, 'Aku hendak mengikuti kekasih-
kekasihku
yang menyediakan rotiku dan airku, bulu
dombaku dan kain ramiku,
minyakku dan minumanku.'

⁶ Oleh sebab itu, sesungguhnya Aku akan
memagari jalannya dengan duri
dan membangunkan tembok untuk
menyekatnya,
sehingga dia tidak dapat menemukan jalannya.

⁷ Dia akan mengejar kekasih-kekasihnya, tetapi
tidak dapat menyusul mereka.

Dia akan mencari mereka, tetapi tidak dapat
menemui mereka.

Kemudian dia akan berkata,

'Aku mahu kembali kepada suamiku yang
pertama,

kerana dahulu keadaanku lebih baik daripada
sekarang.'

⁸ Dia tidak sedar bahawa Akulah

yang mengurniakan kepadanya gandum, air
anggur, dan minyak,
juga memperbanyak baginya perak dan emas,
yang dipakai mereka untuk menyembah Baal.

⁹ Oleh sebab itu Aku akan mengambil kembali
gandum-Ku pada musimnya
dan air anggur-Ku pada masanya.

Akan Kurenggut bulu domba-Ku
dan kain rami-Ku yang diberikan untuk
menutupi auratnya.

¹⁰ Sekarang Aku akan menyingkapkan
kejalangannya di hadapan mata para
kekasihnya.

Tiada seorang pun dapat melepaskan dia
daripada tangan-Ku.

¹¹ Aku akan menghentikan segala
kegirangannya,
perayaannya, bulan barunya, hari Sabatnya,
dan segala hari rayanya.

¹² Akan Kubinasakan pokok anggurnya dan
pokok aranya,
yang disebutnya, 'Inilah upah yang diberikan
kepadaku oleh para kekasihku.'

Semua itu akan Kubuat menjadi hutan,
dan binatang liar akan memakannya habis.

¹³ Aku akan membalas kepadanya hari-hari
apabila dia membakar dupa untuk Baal.
Dengan anting-anting dan permata

dia menghias diri lalu mengikuti para kekasihnya dan melupakan Aku,” demikianlah firman Tuhan.

¹⁴ “Oleh sebab itu, sesungguhnya Aku akan memujuk dia, membawa dia ke gurun, dan berbicara menenangkan hatinya.

¹⁵ Dari sana akan Kukurniakan kepadanya kebun-kebun anggurnya dan Lembah Akhor sebagai pintu pengharapan. Di sana dia akan menjawab seperti pada masa mudanya, seperti pada waktu dia keluar dari Tanah Mesir.”

¹⁶ “Pada waktu itu,” demikianlah firman Tuhan, “engkau akan memanggil Aku, ‘Suamiku,’ dan tidak lagi memanggil Aku, ‘Baalku.’

¹⁷ Akan Kujauhkan nama Baal daripada mulutnya, sehingga nama mereka tidak akan disebut-sebut lagi.

¹⁸ Pada waktu itu Aku akan mengikat perjanjian bagi mereka dengan binatang-binatang di padang, dengan burung-burung di udara, dan dengan binatang-binatang melata di bumi.

Akan Kutiadakan busur panah, pedang, dan peperangan dari negeri ini

dan akan Kubaringkan mereka dengan aman.

¹⁹ Aku akan mempertunangkan engkau dengan diri-Ku untuk selama-lamanya.

Aku akan mempertunangkan engkau dengan diri-Ku

dalam perbenaran^k dan keadilan, dalam kasih abadi dan rahmat.

²⁰ Ya, Aku akan mempertunangkan engkau dengan diri-Ku dalam kesetiaan,

dan engkau akan mengenal Tuhan.

²¹ Pada hari itu Aku akan menyambut baik permohonan,”

demikianlah firman Tuhan –

“Aku akan menyambut baik permohonan langit, dan langit akan menyambut baik permohonan bumi.

²² Bumi akan menyambut baik

permohonan gandum, air anggur, dan minyak, dan semua itu akan menyambut baik permohonan Yizreel.

²³ Aku akan menyemainya bagi diri-Ku di bumi.

Lalu Aku akan mengasihani Lo-Ruhama;

^k**2:19** Perbenaran: Perkataan ini antara maknanya bermaksud tingkah laku yang baik dan benar.

2:23: Rm 9:25; 1Ptr 2:10.

Aku pun akan berfirman kepada Lo-Ami,
 ‘Engkaulah umat-Ku,’
 dan dia akan berkata, ‘Sememangnya
 Engkaulah Allahku.’ ”

Diterima kembali, tetapi dianggap sepi

3¹ Tuhan berfirman kepadaku, “Pergilah, tunjukkanlah cintamu kepada seorang perempuan yang berzina dan juga dicintai lelaki lain sama seperti Tuhan mencintai orang Israel sungguhpun mereka berpaling kepada tuhan-tuhan lain dan menyukai kuih-kuih kismis.”

² Maka aku menebus perempuan itu bagiku dengan harga lima belas syikal perak dan satu setengah homer^l barli. ³ Kataku kepadanya, “Berhari-hari lamanya hendaklah engkau bersama-samaku. Engkau tidak boleh melacur dan tidak boleh menjadi milik orang lain. Maka aku pun tidak akan mendekati engkau.”

⁴ Sesungguhnya, orang Israel akan hidup beberapa lamanya tanpa raja, tanpa pemimpin, tanpa korban sembelihan, tanpa tiang berhala, dan tanpa baju efod ataupun terafim^m. ⁵ Setelah itu, orang Israel akan kembali dan mencari

^l**3:2** homer: Satu homer kira-kira 220 liter.

^m**3:4** Dlm bhs Ibrani, ‘terafim’ bererti berhala yang disembah sebagai pelindung rumah tangga. Kemudian terafim itu disingkirkan oleh Yakub (lihat Kej. 35:2-4).

hadirat Tuhan, Allah mereka, serta Daud raja mereka. Pada hari-hari terakhir mereka akan datang dengan gementar kepada Tuhan dan restu-Nya.

Tuhan **menentang orang Israel dan para imam**

4¹ Dengarlah firman Tuhan, wahai orang Israel, kerana Tuhan ada sungutan tentang penduduk negeri ini:

“Tidak ada kesetiaan, tidak ada kasih, malah juga tidak ada pengetahuan akan Allah di negeri ini.

² Yang ada hanyalah mengutuk, berbohong, membunuh, mencuri, dan berzina!

Mereka langsung tidak mengendahkan segala larangan,

dan penumpahan darah menyusul penumpahan darah.

³ Oleh sebab itu negeri ini berkabung, seluruh penghuninya merana, termasuklah segala mergastua di padang dan burung di udara.

Bahkan ikan-ikan di laut pun lenyap.”

⁴ Namun begitu, jangan ada seorang pun yang berani membantah,

jangan seorang pun berani mengherdik, kerana bangsamu itu seperti orang yang berbantah-bantah dengan imam.

⁵ Engkau tersandung pada siang hari dan nabi pun tersandung bersama-samamu pada malam hari.

Aku akan membinasakan Israel, ibumu.

⁶ Umat-Ku binasa kerana kurang ilmu pengetahuan.

Kerana sedemikian engkau menolak ilmu pengetahuan,

maka Aku pun menolak engkau menjadi imam bagi-Ku.

Kerana engkau telah melupakan hukum Allahmu,

maka Aku pun akan melupakan anak-anakmu.

⁷ Semakin ramai imam itu, semakin bertambah dosa mereka terhadap Aku.

Oleh sebab itu Aku akan mengubah kemuliaan mereka menjadi kehinaan.

⁸ Mereka mendapat rezeki daripada berdosa mereka umat-Ku,

lantas mereka mengharapkan umat-Ku terus dalam kemungkarannya.

⁹ Maka akan terjadi: sebagaimana nasib umat, demikianlah nasib imam.

Aku akan menghukum mereka kerana perilaku mereka

dan membalas mereka menurut perbuatan mereka.

¹⁰ Mereka akan makan tetapi tidak kenyang,

mereka akan berzina tetapi tidak menjadi semakin ramai, kerana mereka telah meninggalkan Tuhan dan menduakan-Nya dengan menyembah tuhan-tuhan lain.

Penyembahan berhala orang Israel

¹¹ Persundalan, air anggur dan air anggur baru menghilangkan akal.

¹² Umat-Ku meminta petunjuk daripada berhala kayu

dan mendapat pernyataan daripada tongkat faal.

Mereka disesatkan oleh roh kekufuran, dan berbuat kemungkaran dengan menyeleweng daripada Allah mereka.

¹³ Mereka mempersembahkan korban di atas puncak-puncak gunung, membakar dupa di atas bukit-bukit, di bawah pokok oak, pokok hawar, dan pokok rimbun,

kerana naungannya baik.

Maka para anak perempuanmu melacur dan para menantu perempuanmu berzina.

¹⁴ Aku tidak akan menghukum para anak perempuanmu apabila mereka melacur, atau para menantu perempuanmu apabila mereka berzina,

kerana kaum lelaki sendiri pergi menyisih untuk bergaul dengan pelacur dan mempersembahkan korban bersama dengan para pelacur kuil.

Maka bangsa yang tidak berpengertian itu akan mengalami kemusnahan.

¹⁵ Kalaupun engkau berlaku kufur, wahai Israel, jangan sampai Yehuda turut bersalah! Jangan pula datang ke Gilgal, jangan naik ke Bet-Awen dan jangan bersumpah, 'Demi Tuhan yang hidup!'

¹⁶ Israel keras kepala seperti lembu yang ketegar.

Masakan sekarang Tuhan menggembala mereka seperti domba di padang yang luas?

¹⁷ Efraim bersekutu dengan berhala-berhala. Biarkanlah dia!

¹⁸ Minuman keras mereka habis, mereka terus-menerus berzina.

Para penguasanya sangat menyukai keaiban.

¹⁹ Angin membungkus mereka dengan sayap-sayapnya

dan mereka akan mendapat aib bahana korban-korban yang dipersembahkan mereka kepada berhala itu.

Ancaman terhadap orang Israel

5¹ “Dengarlah ini, wahai para imam!
Berikanlah perhatian, wahai keturunan kaum
Israel!

Pasanglah telingamu, wahai keluarga raja,
kerana hukuman itu ditujukan kepadamu!
Kamu telah menjadi perangkap di Mizpa dan
jaring yang terbentang di atas Gunung
Tabor.

² Para pemberontak itu semakin jauh terbenam
dalam kehinaan,
maka Aku akan mengazab mereka semua.

³ Aku mengenal Efraim, dan Israel tidak
tersembunyi daripada-Ku.
Sekarang ini engkau telah bertindak kufur,
wahai Efraim,
dan Israel telah mencemarkan dirinya.”

⁴ Segala kemungkarannya mereka tidak
mengizinkan mereka kembali kepada Allah
mereka,

kerana roh kekufuran ada dalam diri mereka
dan mereka tidak mengenal Tuhan.

⁵ Keangkuhan Israel menjadi saksi terhadap diri
sendiri.

Israel dan Efraim akan tersandung oleh
kesalahan mereka sendiri,

Yehuda pun akan tersandung bersama-sama mereka.

⁶ Mereka akan pergi mencari hadirat Tuhan dengan membawa seluruh kawanan haiwan ternakan mereka.

Namun demikian, mereka tidak akan menjumpai Dia;

Dia telah menarik diri daripada mereka.

⁷ Mereka berlaku khianat terhadap Tuhan, kerana mereka melahirkan anak yang haram. Sekarang, perayaan bulan baru akan memakan habis mereka dan ladang mereka.

Israel mencari pertolongan tetapi sia-sia

⁸ “Tiuplah sangkakala di Gibeon dan nafiri di Rama.

Teriakkanlah tanda bahaya di Bet-Aven. Engkau diburu, wahai Benyamin!

⁹ Efraim akan menjadi tandus pada hari penghukuman.

Dalam kalangan suku Israel Aku memberitahukan apa yang pasti.

¹⁰ Para pembesar Yehuda seperti kalangan yang memindahkan batas tanah.

Aku akan mencurahkan murka-Ku atas mereka seperti air.

- ¹¹ Efraim tertindas, hancur dihukum, kerana kuat azamnya untuk mengikuti perintah manusia.
- ¹² Aku akan seperti gegat bagi Efraim, seperti kelapukan yang menimpa keturunan kaum Yehuda.
- ¹³ Apabila Efraim melihat penyakitnya dan Yehuda melihat lukanya, pergilah Efraim ke Asyur dan mengutus orang kepada Raja Jareb yang suka bertengkar. Tetapi dia tidak dapat menyembuhkan kamu dan tidak dapat mengubati lukamu.
- ¹⁴ Aku ini seperti singa bagi Efraim dan seperti singa muda bagi keturunan kaum Yehuda. Aku, Aku sendiri akan mencabik-cabik mereka lalu pergi. Aku akan melarikan mangsa tanpa ada yang dapat melepaskannya.”

Taubat pura-pura pihak orang Israel

- ¹⁵ “Aku akan kembali ke tempat-Ku sehingga mereka mengakui kesalahan mereka dan mencari wajah-Ku. Dalam kesesakan mereka itu, masing-masing akan bersungguh-sungguh mencari hadirat-Ku.”

- 6**¹ “Mari kita kembali kepada Tuhan.
Dia telah mencabik-cabik kita, tetapi Dia juga akan menyembuhkan kita.
Dia mencederakan kita, tetapi Dia juga akan membalut kita.
- ² Setelah dua hari, Dia akan menghidupkan kita, pada hari yang ketiga, Dia akan membangkitkan kita, sehingga kita dapat hidup di hadirat-Nya.
- ³ Marilah kita mengenal Tuhan, mari kita berusaha keras demi mengenal Dia. Sepastinya fajar, Dia akan menyatakan diri-Nya dan datang kepada kita seperti hujan, seperti hujan akhir musim yang membasahi bumi.”
- ⁴ “Apakah yang harus Kulakukan terhadapmu, wahai Efraim?
Apa yang harus Kulakukan terhadapmu, wahai Yehuda?
Kasih setiamu seperti awan pagi, seperti embun yang menghilang awal-awal pagi lagi.
- ⁵ Oleh sebab itu Aku telah mencencang mereka dengan perantaraan para nabi, telah Kuambil nyawa mereka dengan firman-Ku sendiri.
Hukuman atasmu memancar seperti cahaya yang terang.

⁶ Sesungguhnya, Aku menghendaki kasih setia,
bukan korban sembelihan,
dan pengetahuan tentang Allah dan bukan
korban bakaran.”

Bani Efraim tidak mahu bertaubat

⁷ “Tetapi mereka melanggar perjanjian seperti
Adam,

di sana mereka berkhianat terhadap Aku.

⁸ Gilead kota para pelaku kejahatan, penuh
dengan jejak darah.

⁹ Sebagaimana gerombolan menghendap untuk
menyerang orang,
demikianlah perkumpulan imam.

Mereka membunuh di jalan menuju Sikhem,
bahkan mereka berperangai jahat.

¹⁰ Dalam kalangan keturunan kaum Israel telah
Kulihat hal yang mengerikan.

Di situ terdapat pelacuran Efraim. Israel telah
menodai dirinya.

¹¹ Juga bagimu, wahai Yehuda, telah ditentukan
suatu penuaian,
ketika Aku hendak memulihkan keadaan
umat-Ku.

7 ¹ Apabila Aku hendak menyembuhkan Israel,
tersingkaplah ketidakadilan Efraim dan
kejahatan Samaria.

Mereka melakukan penipuan;
pencuri masuk ke dalam,
gerombolan penjahat menjarah di luar.

² Tidak terfikir dalam hati mereka
bahawa Aku ingat akan segala kejahatan
mereka.

Sekarang mereka terkepung oleh segala
perbuatan mereka sendiri,
kesemuanya ada di hadapan-Ku.”

Dosa orang Israel

³ Mereka menyeronokkan raja dengan
kejahatan mereka,
dan para pembesar dengan pembohongan
mereka.

⁴ Mereka semua pezina, seperti ketuhar yang
dinyalakan oleh pembuat roti.
Dia hanya berhenti membesarkan api dari
permulaan adonan diuli sehingga siap
diadunkan raginya.

⁵ Pada hari perayaan raja kita,
para pembesar menyusahkan diri dengan
mabuk air anggur,
manakala raja bersepakat dengan para
pencemuh.

- ⁶ Mereka datang menghadap raja dengan hati seperti ketuhar, sementara mereka menyiapkan serang hendap. Amarah pembuat roti membara sepanjang malam, lalu pada pagi hari dia membakar seperti api yang menyala-nyala.
- ⁷ “Panaslah mereka semua sebagaimana ketuhar, mereka memakan habis para hakim mereka. Tumpas sudah kesemua raja mereka, tidak ada orang dalam kalangan mereka yang berseru kepada-Ku.”
- ⁸ Efraim mencampurkan diri dengan bangsa-bangsa. Dia menjadi bak roti bundar yang tidak dibalikkan.
- ⁹ Kekuatannya dimakan habis oleh orang asing, tetapi dia tidak menyedarinya. Ya, rambut putih bertaburan di kepalanya, tetapi dia tidak menyedarinya.
- ¹⁰ Biar pun keangkuhan Israel menjadi saksi terhadap diri sendiri, tetapi mereka tidak kembali kepada Tuhan, Allah mereka, dan tidak juga mereka mencari hadirat-Nya walaupun berlakunya semua itu.

¹¹ “Jadilah Efraim seperti burung merpati yang betul bendul dan tidak berakal.

Sebentar mereka memanggil Mesir, sebentar mereka pergi ke Asyur.

¹² Apabila mereka pergi,

Aku akan membentangkan jaring-Ku ke atas mereka.

Akan Kujatuhkan mereka seperti burung di udara.

Akan Kumarahi mereka dengan keras menurut maklumat yang telah diberikan kepada perhimpunan mereka.

¹³ Malanglah mereka, kerana mereka melarikan diri daripada Aku!

Binasalah mereka, kerana mereka memberontak terhadap Aku!

Aku hendak menebus mereka, tetapi mereka berkata dusta kepada-Ku.

¹⁴ Mereka tidak berseru kepada-Ku dari dalam hati,

melainkan meraung-raung di atas tempat tidur mereka.

Mereka berkumpul untuk memohonkan gandum dan air anggur,

tetapi mereka menjauh daripada Aku.

¹⁵ Sungguhpun Aku telah melatih dan menguatkan mereka,

mereka merancang kejahatan terhadap Aku.

¹⁶ Mereka tidak berbalik kepada Yang Maha Tinggi;
 mereka seperti busur panah yang rosak.
 Para pembesar mereka akan tewas oleh pedang
 kerana lidah mereka yang garang.
 Demikianlah mereka akan dipersendakan di
 Tanah Mesir.”

Keruntuhan orang Israel akibat kederhakaan

8 ¹ “Bersiaplah untuk meniup sangkakala!
 Ada serangan seperti rajawali atas Bait
 Tuhan,
 kerana bangsa itu telah melanggar perjanjian-
 Ku
 dan menderhaka terhadap hukum-Ku.
² Mereka akan berseru kepada-Ku, ‘Ya Allahku,
 kami orang Israel mengenal Engkau.’
³ Israel telah menolak dengan angkuh hal-hal
 yang baik.
 Musuh akan mengejar dia.
⁴ Mereka mengangkat raja-raja,
 tetapi tanpa restu-Ku.
 Mereka mengangkat para pembesar, tetapi
 tanpa persetujuan-Ku.
 Daripada emas dan perak mereka membuat
 berhala-berhala untuk diri mereka,
 sehingga mereka dilenyapkan.

⁵ Patung anak lembumu telah dibuang, wahai Samaria.

Murka-Ku menyala-nyala terhadap mereka itu. Sampai bilakah mereka tidak dapat disucikan?

⁶ Patung itu berasal dari Israel. Itu dibuat oleh tukang, bukan oleh Allah!

Patung anak lembu Samaria itu akan menjadi sekadar kepingan serpihan.

⁷ Kerana angin yang disemai mereka, maka puting beliung kelak dituai.

Tiada batang gandum yang menerbitkan bulir, maka tiada tunas yang menghasilkan tepung. Kalaupun ada penghasilan, ia akan ditelan orang asing.

⁸ Israel ditelan. Sekarang mereka berada di antara bangsa, seperti wadah yang tidak diingini orang.

⁹ Mereka telah pergi ke Asyur seperti keldai liar mengembara sendirian;

Efraim mengupah pelacur untuk menjadi kekasih.

¹⁰ Sekalipun mereka mengupah sekutu daripada kalangan bangsa,

sekarang Aku akan mengumpulkan mereka.

Mereka akan semakin susut di bawah tekanan raja serta para pembesar itu.

¹¹ Lantaran Efraim terus memperbanyak bilangan mazbah berhala sehingga berdosa; mazbah-mazbah itu telah menjadikan mereka berdosa.

¹² Biarpun Aku menuliskan baginya banyak pengajaran hukum-Ku, tetapi semua itu dianggap hal yang aneh.

¹³ Mengenai korban sembelihan yang dibawa mereka kepada-Ku: mereka mempersembahkan daging dan memakannya, tetapi Tuhan tidak berkenan kepada mereka. Sekarang Dia akan mengingat kesalahan mereka dan membalas dosa mereka; mereka akan kembali ke Mesir.

¹⁴ Israel telah melupakan Penciptanya dan membangunkan istana-istana. Yehuda memperbanyak kota berkubu, tetapi Aku akan menunjukan api ke kota-kotanya yang akan memakan hangus puri-purinya.”

Tiada sukacita dalam pembuangan

9 ¹ Jangan bersukacita, wahai Israel!
Jangan bergembira seperti bangsa-bangsa lain,
atas sebab kekufuran engkau telah meninggalkan Allahmu.

Engkau menyukai upah pelacuran di segala tempat pembantingan gandum.

² Tempat pembantingan gandum dan tempat pemerasan anggur tidak akan memberi mereka makan.

Air anggur baru pun akan mengecewakan mereka.

³ Mereka tidak akan tinggal di negeri Tuhan tetapi Efraim akan kembali ke Mesir, dan di Asyur mereka akan memakan makanan yang najis.

⁴ Mereka tidak akan mencurahkan persembahan minuman air anggur kepada Tuhan,

korban-korban sembelihan mereka tidak akan menyenangkan Dia.

Roti mereka seperti roti kalangan yang berkabung, semua yang memakannya akan bernajis.

Roti mereka itu untuk diri mereka sendiri, dan tidak akan masuk ke dalam Bait Tuhan.

⁵ Apakah yang akan kamu lakukan pada hari perayaan,

pada hari perayaan bagi Tuhan?

⁶ Sekalipun mereka pergi menghindari pemusnahan, Mesir akan mengumpulkan mereka,

Memfis akan menguburkan mereka.

Barang-barang perak mereka yang berharga
akan ditutupi jelatang,
onak duri akan tumbuh di khemah-khemah
mereka.

⁷ Hari-hari penghukuman telah tiba, hari-hari
pembalasan telah tiba, Israel akan
menyedarinya.

Nabi dianggap orang bodoh, orang yang
diilhami roh dianggap orang gila,
kerana begitu besarnya kesalahanmu dan
hebatnya permusuhan itu.

⁸ Nabi, bersama-sama Allahku, ialah penjaga
Efraim,
tetapi jerat pemikat burung ada di segala
jalannya.

Permusuhan ada di Bait Allahnya.

⁹ Mereka begitu dalam di kancah kehinaan
seperti pada hari-hari Gibeaa.

Allah akan mengingat kesalahan mereka dan
akan membalas dosa-dosa mereka.

Akibat ketidaktaatan orang Israel

¹⁰ “Dahulu Kudapati Israel seperti buah anggur
di gurun.

Kulihat nenek moyangmu seperti buah pertama
pokok ara pada permulaan musim.

Akan tetapi, mereka pergi kepada Baal-Peor,
dan membaktikan diri kepada berhala yang aib,
sehingga mereka jadi menjijikkan seperti apa
yang dicintai mereka itu.

¹¹ Kemuliaan Efraim terbang seperti burung,
sehingga tidak ada orang yang melahirkan,
yang hamil, atau yang mengandung.

¹² Sekalipun mereka membesarkan anak-anak
mereka,
akan Kugugurkan mereka sehingga tidak ada
manusia lagi.

Ya, malanglah mereka apabila Aku menjauhi
mereka.

¹³ Kulihat Efraim seperti Tirus, tertanam di
tempat yang menyenangkan.

Tetapi Efraim akan membawa anak-anaknya
kepada si pembunuh.”

¹⁴ Kurniakanlah kepada mereka, ya Tuhan – apa
yang akan Kaukurniakan?

Kurniakanlah kepada mereka rahim yang
keguguran anak dan buah dada yang
kering.

¹⁵ “Segala kejahatan mereka memang sudah
ada di Gilgal,

di sanalah Aku mulai membenci mereka.

Kerana kekejaman segala perbuatan mereka,
akan Kuhalau mereka dari Bait-Ku.

Aku tidak akan mengasihi mereka lagi.

Semua pembesar mereka pemberontak.

¹⁶ Efraim dipalu, akarnya mengering, mereka tidak berbuah.

Bahkan sekalipun mereka melahirkan anak, akan Kumatikan buah kandungan yang dikasihi mereka itu.”

¹⁷ Allahku akan membuang mereka, kerana mereka tidak mematuhi Dia.

Mereka akan menjadi pengembara di antara bangsa.

Hukuman kerana penyembahan berhala

10 ¹ Israel bagaikan pokok anggur yang subur, yang menghasilkan buah.

Semakin banyak buahnya, semakin banyak pula dibuatnya mazbah berhala.

Semakin maju negerinya, semakin indah pula dibuatnya tiang-tiang berhala.

² Hati mereka licik, dan sekarang mereka harus menanggung kesalahan mereka.

Tuhan akan menghancurkan mazbah-mazbah berhala mereka,

dan memusnahkan tiang-tiang berhala mereka.

³ Kemudian mereka akan berkata, “Kita tidak punya raja lagi,

kerana kita tidak takut kepada Tuhan.

Kalaupun kita punya raja, apa yang dapat dilakukannya bagi kita?”

⁴ Mereka membuat janji-janji, bersumpah
dusta, mengikat perjanjian,
sehingga hukuman tumbuh seperti pokok
beracun di alur-alur ladang.

⁵ Penduduk Samaria ketakutan kerana patung
anak lembu di Bet-Awen.

Umatnya akan berkabung kerananya,
begitu pula para imam penyembah berhala
yang tadinya bergembira kerananya,
sebab kemuliaannya telah hilang.

⁶ Patung itu akan dibawa ke Asyur sebagai
persembahan bagi raja agung itu.

Efraim akan mendapat malu,
Israel akan malu kerana rancangannya sendiri.

⁷ Tentang Samaria, rajanya akan dibinasakan
seperti ranting di permukaan air.

⁸ Bukit-bukit pemujaan Awen, iaitu dosa Israel,
akan dimusnahkan.

Duri dan onak akan tumbuh di atas
mazbah-mazbah berhala mereka.

Lalu mereka akan berkata kepada gunung-
gunung, "Timbuslah kami!"

dan kepada bukit-bukit, "Timpalah kami!"

Allah tidak berkenan kepada bani Efraim

⁹ “Sejak hari-hari Gibeon engkau telah berdosa,
wahai Israel.

Di sana mereka tetap berdiri.

Namun demikian, bukankah peperangan
melawan orang zalim akan menimpa
mereka di Gibeon?

¹⁰ Apabila Aku mahu, Aku akan memarahi
mereka dengan keras.

Bangsa-bangsa akan dikumpulkan untuk
melawan mereka

apabila mereka diikat kerana dua kesalahan
mereka.

¹¹ Efraim anak lembu terlatih yang suka
mengirik.

Tetapi Aku telah membebani tengkuknya yang
elok.

Aku akan membuat Efraim ditunggangi.

Yehuda harus membajak, bani Yakub harus
menyisir tanah bagi dirinya sendiri.

¹² Semailah bagimu perbenaran,ⁿ tuailah kasih
abadi;

ⁿ**10:12** Perbenaran: Perkataan ini antara maknanya bermaksud tingkah laku yang adil, baik dan benar.

bajaklah tanahmu yang kosong, kerana sudah
waktunya mencari hadirat Tuhan,
hingga Dia datang dan menghujani kamu
dengan perbenaran.^o

¹³ Kamu telah membajak kefasiqan, kamu telah
menuai kejahatan,

kamu telah memakan buah dusta.

Kerana kamu terlalu yakin akan jalanmu sendiri
dan kesateriamu yang amat ramai itu,

¹⁴ maka keributan akan timbul dalam kalangan
bangsamu.

Segala kubumu akan dimusnahkan,
seperti Bet-Arbel dimusnahkan oleh Salman
pada hari peperangan.

Ibu berserta anak-anak dihempaskan.

¹⁵ Demikianlah yang akan dilakukan
terhadapmu, wahai Betel,

kerana kejahatanmu yang sangat besar.

Pada waktu fajar raja Israel akan dibinasakan
sama sekali.

^o**10:12** Perbenaran: Dalam bahasa Ibrani perkataan ini merangkumi makna keadilan Tuhan dalam menyelamatkan umat-Nya.

Kasih Tuhan terhadap orang Israel

- 11** ¹ Apabila Israel masih kecil, Kukasihi dia.
Dari Mesir, Kupanggil anak-Ku.
- ² Semakin Kupanggil,
semakin jauh mereka pergi.
Mereka mempersembahkan korban kepada
Baal
dan membakar dupa kepada patung-patung
ukiran.
- ³ Akulah yang mengajar Efraim berjalan, dan
yang mendukung dia;
mereka tidak menyedari Akulah yang
menyembuhkan mereka.
- ⁴ Aku menarik mereka dengan pertalian
manusia, iaitu dengan ikatan kasih.
Bagi mereka Aku seperti orang yang
mengangkat kuk daripada rahang mereka.
Aku berpaling untuk memberi mereka makan.
- ⁵ Mereka tidak akan kembali ke Tanah Mesir,
tetapi orang Asyur akan menjadi raja mereka,
kerana mereka enggan bertaubat agar kembali
kepada-Ku.
- ⁶ Pedang akan mengamuk di kota-kota mereka,
memusnahkan segala palang pintu mereka,

dan memakan habis mereka kerana bahawa segala rancangan mereka sendiri.

⁷ Umat-Ku berazam untuk menjauhkan diri daripada-Ku.

Sekalipun mereka dipanggil menghadap Yang Maha Tinggi,

tiada seorang pun mahu meninggikan Dia.

⁸ Bagaimana mungkin Aku membiarkan engkau, wahai Efraim,

menyerahkan engkau, wahai Israel?

Bagaimana mungkin Aku membiarkan engkau seperti Adma, menjadikan engkau seperti Zeboim?

Hati-Ku begitu bergejolak, lantas terus tercetuslah belas kasihan-Ku.

⁹ Aku tidak akan melaksanakan murka-Ku yang menyala-nyala itu.

Aku tidak akan membinasakan Efraim semula, kerana Aku Allah, bukan manusia;

Yang Maha Suci, yang ada di tengah-tengah kamu.

Aku tidak akan datang dengan murka.

¹⁰ Mereka akan berjalan mengikuti Tuhan, yang akan mengaum seperti singa.

Sesungguhnya, Dia akan mengaum,

dan para anak itu akan datang dengan gementar dari sebelah barat.

¹¹ Dengan gementar mereka akan datang seperti burung dari Mesir, seperti burung merpati dari Tanah Asyur. Aku akan menempatkan mereka lagi di rumah-rumah mereka,” demikianlah firman Tuhan.

¹² Efraim mengelilingi Aku dengan dusta, keturunan kaum Israel pula mengelilingi-Ku dengan tipu daya.

Yehuda masih memberontak terhadap Allah, terhadap Yang Maha Suci yang setia.

Bani Efraim dan Yakub

12 ¹ “Efraim menjadikan angin makanannya dan mengejar angin timur sepanjang hari. Mereka melipatgandakan kebohongan dan kemusnahan, mereka mengikat perjanjian dengan Asyur dan membawa minyak ke Mesir.”

² Tuhan berperkara dengan Yehuda. Dia akan menghukum bani Yakub setimpal dengan perilaku mereka, dan membalas mereka selaras dengan segala perbuatan mereka.

³ Semasa di dalam kandungan, Yakub
memegang tumit saudaranya,
dan dalam keperkasaannya dia bergelut dengan
Allah.

⁴ Dia bergelut dengan malaikat dan menang,
lalu dia menangis dan memohon belas
kasihan-Nya.

Dia bertemu dengan Dia di Betel
dan di sanalah Dia berfirman kepada kita –

⁵ Tuhan, Allah alam semesta.

Tuhan, itulah nama-Nya –

⁶ “Engkau harus kembali kepada Allahmu.
Berpegang teguhlah pada kasih dan keadilan,
dan sentiasa tunggulah Allahmu.”

⁷ Dia seorang pedagang, di tangannya ada
neraca tipu daya. Dia suka menindas.

⁸ Efraim berkata, “Sungguh, aku telah menjadi
kaya.

Aku telah memperoleh harta.

Dalam segala jerih lelahku tidak akan didapati
padaku kesalahan yang disebut dosa.”

⁹ “Tetapi Akulah Tuhan, Allahmu, sejak di Tanah
Mesir.

Aku akan membuat kamu tinggal di dalam
khemah lagi

12:3: Kej 25:26. **12:3:** Kej 32:24-26.

12:4: Kej 28:10-22. **12:9:** Im 23:42,43.

seperti pada hari perayaan yang ditetapkan.

¹⁰ Aku berfirman kepada para nabi,
memberi mereka banyak penglihatan,
dan dengan perantaraan para nabi itu
Kugunakan ibarat.

¹¹ Jika ada kejahatan di Gilead,
maka kesemuanya pasti menjadi sia-sia.
Di Gilgal mereka mengorbankan lembu-lembu
jantan,
maka mazbah-mazbah berhala mereka pun
menjadi seperti timbunan batu di alur-alur
ladang.”

¹² Yakub melarikan diri ke daerah Aram.
Di sana Israel menghambakan diri untuk
mendapat isteri,
ya, untuk mendapat isteri dia menjadi gembala.

¹³ Lalu dengan perantaraan seorang nabi,
Tuhan membawa Israel keluar dari Mesir,
dengan perantaraan seorang nabi dia
terpelihara.

¹⁴ Efraim telah membangkitkan murka-Nya
secara getir,
sebab itu Tuhannya akan menanggungkan
darahnya atas dirinya sendiri
dan memberikan balasan terhadap perbuatan
celanya.

Murka Tuhan akan menimpa bani Efraim

13 ¹ Apabila Efraim berbicara, orang gementar. Dia mulia di Israel.

Akan tetapi, dia bersalah kerana menyembah Baal, dan dia pun mati.

² Mereka kini lebih banyak lagi berbuat dosa. Mereka membuat patung tuangan daripada perak,

iaitu berhala-berhala menurut pemahaman mereka sendiri,

semuanya semata-mata hasil buatan tukang.

Tentang semua itu mereka berkata,

“Orang yang mempersembahkan korban harus mencium patung anak lembu ini.”

³ Oleh sebab itu mereka akan seperti kabus pagi hari

dan seperti embun yang hilang pada awal pagi lagi,

seperti sekam yang diterbangkan badai dari tempat pembantingan

dan seperti asap yang keluar dari tingkap lalu lenyap.

⁴ “Tetapi Akulah Tuhan, Allahmu, sejak di Tanah Mesir lagi.

Engkau tidak mengenal tuhan kecuali Aku, tidak ada penyelamat selain Aku.

⁵ Akulah yang mengenal engkau di gurun, di tanah yang amat gersang.

⁶ Setelah merumput, mereka kenyang.

Setelah kenyang, mereka bangga diri.

Itulah sebabnya mereka melupakan Aku.

⁷ Maka Aku akan menjadi seperti seekor singa bagi mereka, seperti harimau bintang Aku mengintai di tepi jalan.

⁸ Kujumpai mereka seperti beruang yang kehilangan anak

dan Kukoyak-koyak selaput jantung mereka.

Di sana akan Kuterkam mereka seperti singa, seperti binatang liar akan Kucabik mereka.

⁹ Memang ini pembinasaan engkau, wahai Israel,

kerana engkau melawan Aku, melawan sumber pertolonganmu.

¹⁰ Di manakah rajamu sekarang, supaya dia menyelamatkan engkau di segala kotamu?

Di manakah para pemerintah engkau, yang tentang mereka kaukatakan,

‘Berikanlah kepadaku raja dan para pembesar’?

¹¹ Aku telah memberikan kepadamu seorang raja dalam murka-Ku dan Aku telah melenyapkan dia dalam amarah-Ku.

¹² Kesalahan Efraim telah ditentukan, balasannya disimpan untuk masa nanti.

¹³ Rasa sakit wanita yang bersalin kelak menimpa dia,

tetapi dia bukan anak yang bijak.

Apabila waktunya tiba, dia tidak juga muncul daripada rahim!

¹⁴ Adakah Aku harus menebus mereka daripada kuasa alam barzakh,

Adakah Aku akan melepaskan mereka daripada maut.

Wahai maut, di manakah wabak penyakitmu?

Wahai alam barzakh, di manakah seksa pembinaanmu?

Belas kasihan akan tersembunyi daripada mata-Ku.

¹⁵ Sekalipun dia berbuah dalam kalangan saudaranya,

angin timur, iaitu angin daripada Tuhan, akan datang, naik dari gurun.

13:11 a: 1Sam 10:17-24; **b:** 1Sam 15:26.

13:14: 1Kor 15:55.

Pancuran airnya akan kering dan mata airnya akan tandus.

Angin itu akan menjarah perbendaharaan segala barangnya yang indah.

¹⁶ Samaria akan menanggung kesalahannya, kerana dia telah menderhaka terhadap Allahnya.

Mereka akan tewas oleh pedang, bayi-bayi mereka akan dihempaskan, dan perut kaum perempuan mereka yang mengandung akan dirobekkan.”

Tentang taubat dan janji

14 ¹ Kembalilah, wahai Israel, kepada Tuhan, Allahmu, kerana engkau telah tersandung akibat kesalahanmu.

² Bawalah kata-kata penyesalan berserta kamu dan kembalilah kepada Tuhan.

Katakanlah kepada-Nya,

“Ampunkanlah segala kesalahan kami dan terimalah apa yang baik,

maka kami akan mempersembahkan pujian seperti korban lembu jantan.

³ Asyur tidak dapat menyelamatkan kami.

Kami tidak mahu menunggang kuda, dan tidak akan lagi berkata,

'Ya Allah kami,' kepada hasil buatan tangan kami,
kerana dalam Engkau anak yatim mendapat rahmat."

⁴ "Aku akan menyembuhkan mereka daripada kemurtadan mereka,
Aku akan mencintai mereka dengan sukarela, kerana murka-Ku telah surut daripada mereka.

⁵ Aku akan menjadi seperti embun bagi Israel. Dia akan berbunga seperti bunga bakung dan menjulurkan akar-akarnya seperti pokok araz Lebanon.

⁶ Cabang-cabangnya akan menyebar. Keelokannya akan seperti pokok zaitun dan keharumannya seperti Lebanon.

⁷ Mereka yang duduk di bawah naungannya akan tumbuh kembali seperti gandum. Mereka akan berbunga seperti pokok anggur, kemasyhurannya seperti air anggur Lebanon.

⁸ Efraim, apakah lagi urusan-Ku dengan berhala-berhala?

Akulah yang menjawab dan memperhatikan engkau.

Aku seperti pokok sanubar yang hijau, daripada-Ku kaudapatkan buahmu."

⁹ Siapakah yang bijak? Dia akan mengerti hal-hal ini.

Siapakah yang berpengertian? Dia akan
mengetahuinya.

Jalan Tuhan itu lurus
dan orang benar akan menempuhnya,
tetapi orang derhaka akan jatuh di situ.

YO'EL

1 ¹ Firman Tuhan yang turun kepada Yo'el anak Petuel.

Bencana belalang

² Dengarlah ini, hai para tua-tua,
dan pasanglah telinga, wahai seluruh penduduk negeri!

Pernahkah terjadi hal semacam ini pada zamanmu

atau pada zaman nenek moyangmu?

³ Ceritakanlah tentang itu kepada anak-anakmu dan biarlah anak-anakmu menceritakannya kepada anak-anak mereka, dan anak-anak mereka kepada angkatan yang berikutnya.

⁴ Apa yang ditinggalkan oleh belalang pengerat telah dimakan oleh kerumunan belalang besar.

Apa yang ditinggalkan oleh kerumunan belalang besar telah dimakan oleh belalang pelahap.

Apa yang ditinggalkan oleh belalang pelahap telah dimakan oleh belalang pemusnah.

⁵ Bangunlah, wahai para pemabuk, dan menangislah!

Meraung-raunglah, wahai semua peminum air anggur, kerana air anggur baru, sebab air anggur itu telah dilenyapkan daripada mulutmu.

⁶ Sebuah bangsa telah maju menyerang negeriku,

kuat dan tidak terhitung jumlah mereka.

Giginya seperti gigi singa dan taringnya seperti taring singa betina.

⁷ Pokok anggurku telah dirosakkannya

dan pokok araku telah dijadikannya serpihan.

Disiatnya kulitnya sama sekali lalu dibuangnya, sehingga cabang-cabangnya menjadi putih.

⁸ Merataplah seperti anak dara yang memakai kain perkabungan

kerana tunangan pada masa mudanya.

⁹ Persembahan bahan makanan dan persembahan minuman

telah dilenyapkan daripada Bait Tuhan.

Para imam berkabung, iaitu para petugas Tuhan.

¹⁰ Ladang musnah, tanah berkabung, kerana gandum musnah.

Buah anggur mengering, dan minyak menyusut.

¹¹ Kecewalah, wahai petani, meraung-raunglah,
wahai pemelihara kebun anggur,
kerana gandum dan kerana barli, sebabnya
hasil tuaian ladang telah musnah.

¹² Pokok anggur layu, pokok ara merana.
Pokok delima, juga pokok kurma dan pokok
epal, semua pokok di padang layu.
Sungguh, kegirangan layu daripada kalangan
anak manusia.

¹³ Pakailah kain perkabungan dan merataplah,
wahai para imam,
meraung-raunglah, wahai para petugas
mazbah.

Masuk dan bermalamlah dengan memakai kain
perkabungan,
wahai para petugas Allahku,
kerana persembahan bahan makanan dan
persembahan minuman
telah ditahan daripada Bait Allahmu.

¹⁴ Adakanlah hari puasa, maklumkanlah
perhimpunan jemaah yang suci.
Kumpulkanlah para tua-tua dan seluruh
penduduk negeri
di Bait Tuhan, Allahmu, lalu berserulah kepada
Tuhan.

¹⁵ Aduh, hari itu!

Sungguh, hari Tuhan sudah dekat
dan akan datang sebagai pemusnahan daripada
Yang Maha Kuasa.

¹⁶ Bukankah makanan telah lenyap di hadapan
mata kita,

begitu juga kesukaan dan kegembiraan dari
Bait Allah kita?

¹⁷ Benih-benih menjadi layu berkerepot di
bawah tanah,

kepek-kepek kosong melompong, jelapang-
jelapang runtuh,

kerana gandum telah layu.

¹⁸ Betapa binatang-binatang berkeluh-kesah!

Kawanan-kawanan lembu gelisah,

kerana tidak ada lagi padang rumput mereka.

Malah yang menderita sama ialah kawanan-
kawanan domba.

¹⁹ Kepada-Mu, ya Tuhan, aku berseru

kerana api telah melahap padang-padang
rumput di gurun.

Nyala api telah menghanguskan segala pokok
di padang.

²⁰ Bahkan binatang-binatang padang menjerit
kepada-Mu,

kerana saluran-saluran air telah kering

dan api telah melahap padang-padang rumput
di gurun.

Kedatangan hari Tuhan

2¹ “Tiuplah sangkakala di Sion,
bunyikanlah penggera di gunung-Ku yang
suci!”

Biarlah seluruh penduduk negeri gementar,
kerana hari Tuhan bakal mendatang,
kerana hari itu sudah dekat –

² suatu hari kegelapan dan kekelaman,
suatu hari yang berawan dan pekat
lantaran bala tentera belalang itu mara
seperti kegelapan meliputi pergunungan –
belum pernah ada yang sedemikian sejak
dahulukala

dan tidak akan ada lagi setelahnya sepanjang
tahun-tahun turun-temurun.

³ Di depan mereka api melahap,
di belakang mereka nyala api menghanguskan.

Di depan mereka negeri itu seperti Taman
Eden,

tetapi di belakang mereka gurun yang sunyi
sepi.

Tiada satu apa-apa pun yang terselamat
daripadanya.

⁴ Rupa mereka seperti rupa kuda.
Seperti pasukan berkuda,

demikianlah mereka berlari.

⁵ Seperti berdegam-degumnya rata di atas
puncak-puncak gunung,
demikianlah mereka melompat-lompat,
seperti gemeretak nyala api yang melahap
tunggul jerami,
seperti bangsa yang kuat mengatur barisan
perang.

⁶ Bangsa-bangsa gementar di hadapan mereka,
semua muka berubah menjadi pucat.

⁷ Mereka mara menyerang seperti para
kesateria,
mereka memanjat tembok seperti para
pejuang.

Setiap orang menempuh jalannya
dan tidak menyimpang daripada jalurnya.

⁸ Mereka tidak dorong-mendorong,
masing-masing berkawad mengikut jalannya.
Mereka menghambur menerobos senjata
musuh,

namun barisan mereka tidak terputus.

⁹ Mereka menyerbu ke dalam kota,
mereka berlari di atas tembok-tembok.
Mereka memanjat ke dalam rumah-rumah,
mereka masuk melalui jendela seperti pencuri.

¹⁰ Bumi gempa di hadapan mereka, langit bergoncang.

Matahari dan bulan menggelap, bintang-bintang menghilangkan cahayanya.

¹¹ Tuhan memperdengarkan suara-Nya di depan tentera-Nya.

Pasukan-Nya besar sekali dan pelaksana firman-Nya kuat.

Hari Tuhan itu besar dan sangat hebat, siapakah yang dapat menanggungnya?

Seruan untuk bertaubat

¹² “Sekarang juga,” demikianlah firman Tuhan, “kembalilah kepada-Ku dengan seluruh hatimu, dengan berpuasa, dengan menangis, dan dengan meratap.”

¹³ Koyakkanlah hatimu, bukan pakaianmu, dan kembalilah kepada Tuhan, Allahmu, kerana Dia pengasih dan penyayang, panjang sabar dan melimpah-ruah kasih-Nya, dan sentiasa mengampuni dan tidak suka menghukum.

¹⁴ Siapa tahu Dia sudi berpaling dan berbelas kasihan, serta meninggalkan berkat, iaitu persembahan bahan makanan dan persembahan minuman

bagi Tuhan, Allahmu.

¹⁵ Tiuplah nafiri di Sion, laksanakanlah puasa yang suci,

adakan perhimpunan jemaah yang suci.

¹⁶ Kumpulkanlah umat, sucikanlah jemaah itu.

Himpunkanlah para tua-tua, kumpulkanlah kanak-kanak

bahkan juga anak-anak yang menyusu.

Biarlah pengantin lelaki keluar dari biliknya dan pengantin perempuan dari bilik tidurnya.

¹⁷ Biarlah para imam, iaitu para petugas Tuhan, menangis di antara serambi dengan mazbah, serta berkata, “Ya Tuhan, sayangilah umat-Mu. Janganlah menjadikan harta pusaka-Mu suatu celaan,

suatu ibarat di antara bangsa.

Mengapakah orang harus berkata antara suku-suku bangsa,

‘Di manakah Allah mereka?’ ”

Belas ihsan Tuhan

¹⁸ Maka Tuhan menjadi cemburu kerana tanah-Nya lalu berbelas kasihan kepada umat-Nya.

¹⁹ Tuhan menjawab dan berfirman kepada umat-Nya,

“Sesungguhnya, Aku akan mengirimkan
kepadamu gandum, air anggur, dan
minyak,
sehingga kamu akan kenyang dengan semuanya
itu.

Aku tidak akan lagi menjadikan kamu
suatu celaan antara bangsa-bangsa.

²⁰ Tentera dari utara itu akan Kujauhkan
daripadamu

dan akan Kuhalaukan ke tanah yang gersang
dan sunyi sepi,

barisan depannya ke Laut Timur

dan barisan belakangnya ke Laut Barat.

Bau busuknya dan bau hanyirnya akan naik,
sebab dia telah melakukan hal-hal yang besar.

²¹ Jangan takut, wahai tanah, bergembiralah
dan bersukacitalah,

kerana Tuhan telah melakukan hal yang besar.

²² Jangan takut, wahai binatang-binatang liar,
kerana padang-padang rumput di gurun telah
bersemi.

Pokok menghasilkan buahnya,
pokok ara dan pokok anggur memberikan
kekayaannya.

²³ Wahai bani Sion, bergembiralah
dan bersukacitalah kerana Tuhan, Allahmu,
kerana Dia mengurniakan kepadamu
hujan awal musim dengan adilnya.

Dia menurunkan hujan bagimu,

hujan awal musim ataupun

hujan akhir musim seperti dahulu.

²⁴ Tempat-tempat pembantingan tuaian akan
dipenuhi gandum,

tempat-tempat pemerasan akan berkelimpahan
air anggur dan minyak.

²⁵ Aku akan memulihkan bagimu tahun-tahun
yang dilahap oleh belalang besar,

belalang pelahap, belalang pemusnah, dan
belalang pengerat,

iaitu pasukan-Ku yang besar,

yang telah Kukirimkan kepada kalangan kamu.

²⁶ Kamu akan makan banyak-banyak sampai
kenyang

dan memuji nama Tuhan, Allahmu,

yang telah melakukan keajaiban untukmu.

Umat-Ku tidak akan malu lagi untuk
selama-lamanya.

²⁷ Kamu akan mengetahui bahawa Aku hadir di
tengah-tengah Israel,

bahawa Akulah Tuhan, Allahmu, dan tidak ada
yang lain.

Umat-Ku tidak akan malu lagi untuk
selama-lamanya.”

Tuhan akan mencurahkan Roh-Nya

²⁸ Setelah itu, akan berlaku,

bahawa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas
semua manusia,

sehingga anakmu lelaki perempuan akan
bernubuat,

orang tuamu akan bermimpi,

dan orang mudamu akan melihat penglihatan.

²⁹ Juga ke atas hamba-Ku lelaki perempuan,

Aku akan mencurahkan Roh-Ku ketika itu.

³⁰ Aku akan menunjukkan keajaiban di langit dan

di bumi, darah dan api, serta kepulan-kepulan

asap. ³¹ Matahari akan menjadi gelap dan bulan

menjadi seperti darah sebelum tiba hari Tuhan

yang besar dan dahsyat itu. ³² Maka akan terjadi

kelak, semua orang yang menyeru nama Tuhan

akan diselamatkan. Di Gunung Sion dan di

Yerusalem akan ada orang yang terselamat,

seperti yang telah difirmankan Tuhan, dan dalam

kalangan yang tertinggal itu akan ada mereka

yang dipanggil Tuhan.

Tuhan **mengadili bangsa**

3¹ “Sesungguhnya, pada masa itu dan pada
ketika itu,

ketika Aku memulihkan keadaan Yehuda dan
Yerusalem,

2:31: Mat 24:29; Mrk 13:24,25; Luk 21:25; Why 6:12,13.

2:32: Kis 2:17-21. **2:32:** Rm 10:13.

² maka Aku akan mengumpulkan segala bangsa dan membawa mereka turun ke Lembah Yosafat.

Aku akan membangkitkan dengan mereka di sana dalam hal umat-Ku dan harta pusaka-Ku Israel,

kerana segala bangsa itu telah menceraiberaikan mereka antara bangsa-bangsa dan telah membahagi-bahagikan tanah-Ku.

³ Mereka telah mencabut undi atas umat-Ku, menyerahkan anak lelaki demi perempuan pelacur,

dan menjual anak perempuan demi air anggur agar mereka dapat minum.

⁴ Apa pula urusan kamu dengan Aku, wahai Tirus dan Sidon dan seluruh wilayah Filistin? Adakah kamu mahu mengadakan pembalasan kepada-Ku? Jika kamu membuat sesuatu pembalasan atas-Ku, dengan bersegera lagi pantas akan Aku membalikkan pembalasan kamu itu kepadamu. ⁵ Kamu telah mengambil perak dan emas milik-Ku, dan membawa khazanah dan harta berharga milik-Ku ke dalam kuil-kuil kamu. ⁶ Kamu telah menjual bani Yehuda dan

3:4: Yes 23:1-18; Yeh 26:1—28:26; Am 1:9,10; Za 9:1-4; Mat 11:21,22; Luk 10:13,14. **3:4:** Yes 14:29-31; Yer 47:1-7; Yeh 25:15-17; Am 1:6-8; Zef 2:4-7; Za 9:5-7.

warga Yerusalem kepada pihak Yunani untuk menjauhkan mereka dari daerah mereka.

⁷ Sesungguhnya, Aku akan menggerakkan mereka dari tempat ke mana kamu menjual mereka. Aku akan membalas perbuatanmu itu kepadamu. ⁸ Aku akan menjual anak-anakmu lelaki perempuan kepada bani Yehuda. Mereka pula akan menjual anak-anakmu itu kepada orang Syeba, kepada sebuah bangsa yang jauh, kerana Tuhan telah berfirman.”

⁹ Maklumkanlah hal ini dalam kalangan bangsa: tahbiskan dirimu untuk berperang, kerahkanlah para kesateria.

Biarlah semua pejuang tampil untuk mara!

¹⁰ Tempalah mata bajakmu menjadi pedang dan pisau pemangkas kamu menjadi tombak. Biarlah orang lemah berkata, “Aku perkasa!”

¹¹ Bersegeralah datang, wahai segala bangsa dari segala jurusan, dan berkumpul di sana.

Bawalah para kesateria-Mu turun, ya Tuhan.

¹² “Biarlah bangsa-bangsa dikerahkan dan maju ke Lembah Yosafat, kerana di sanalah Aku akan bersemayam untuk mengadili segala bangsa dari segala jurusan.

¹³ Ayunkanlah sabit kerana tuaian sudah masak.
Mari, mengiriklah, kerana tempat pemerasan
anggur sudah penuh.

Tempat-tempat pemerasan anggur kelimpahan,
kerana besarnya kejahatan mereka.

¹⁴ Begitu ramainya, ramai sekali orang di
lembah penentuan!

Hari Tuhan sudah dekat di lembah penentuan.

¹⁵ Matahari dan bulan menggelap dan
bintang-bintang menghilangkan
cahayanya.”

¹⁶ Tuhan mengaum bak guruh dari Sion
dan memperdengarkan suara-Nya dari
Yerusalem.

Langit dan bumi akan bergoncang,
tetapi Tuhan ialah tempat berlindung bagi
umat-Nya

dan benteng bagi orang Israel.

¹⁷ “Maka kamu akan mengetahui bahawa
Akulah Tuhan, Allahmu,
yang bersemayam di Sion, gunung-Ku yang suci.
Yerusalem akan menjadi suci
dan orang asing tidak akan melintasinya lagi.

3:13 a: Why 14:14-16; **b:** Why 14:19,20; 19:15.

3:16: Am 1:2.

Kehadiran Tuhan di Sion

¹⁸ Pada waktu itu akan terjadi:
gunung-gunung akan menitiskan air anggur
baru

dan bukit-bukau akan mengalirkan air susu.
Semua alur sungai Yehuda akan mengalirkan
air.

Sebuah mata air akan memancar daripada Bait
Tuhan lalu mengairi Lembah Sitim.

¹⁹ Mesir akan menjadi sunyi sepi
dan Edom menjadi gurun gersang yang sunyi
sepi,

kerana kekerasan mereka terhadap bani
Yehuda,

kerana mereka menumpahkan darah
orang yang tidak bersalah di negeri mereka.

²⁰ Tetapi Yehuda akan dihuni untuk selama-
lamanya,

dan Yerusalem selama turun-temurun.

²¹ Aku akan membalas darah mereka yang
belum lagi Kubalas,

kerana Tuhan bersemayam di Sion.”

AMOS

1¹ Berikutlah kata-kata Amos, salah seorang gembala dari Tekoa, mengenai apa yang dilihatnya sehubungan dengan Israel pada zaman Uzia raja Yehuda dan pada zaman Yerobeam anak Yoas raja Israel, dua tahun sebelum kejadian gempa bumi.

Hukuman Tuhan atas bangsa-bangsa lain

² Amos berkata,
“Datanglah Tuhan dengan mengaum dari Sion,
dan dari Yerusalem kedengaran tempikan
suara-Nya.

Pudar dan berkabunglah padang-padang ragut
dan layulah puncak Gunung Karmel.”

Aram

³ Beginilah firman Tuhan,
“Atas sebab tiga, bahkan empat pelanggaran
Damsyik,
Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.

1:1 a: 2Raj 15:1-7; 2Taw 26:1-23; **b:** 2Raj 14:23-29.

1:2: Yl 3:16. **1:3:** Yes 17:1-3; Yer 49:23-27; Za 9:1.

Kerana mereka telah membanting Gilead serta
merelaikannya bagaikan diirik dengan
pengirik bermata besi,

⁴ maka Aku akan melepaskan api ke dalam
istana Hazael,

dan api itu akan merentungkan segala kubu
Benhadad.

⁵ Akan Kupatahkan palang pintu Damsyik
dan akan Kulenyapkan penduduk dari Lembah
Awen,

juga dia yang memegang cokmar kerajaan dari
Bet-Eden.

Umat Aram akan dibuang ke Kir," firman Tuhan.

Filistin

⁶ Beginilah firman Tuhan,

"Atas sebab tiga, bahkan empat pelanggaran
Gaza,

Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.

Kerana mereka telah mengangkut kesemua
orang buangan itu untuk diserahkan
kepada Edom,

⁷ maka Aku akan melepaskan api ke tembok
Gaza,

yang akan merentungkan segala purinya.

⁸ Akan Kulenyapkan penduduk dari Asdod,
juga dia yang memegang cokmar kerajaan dari
Askelon.

Aku akan bertindak melawan Ekron,
sehingga binasalah kesemua saki-baki orang
Filistin,”

demikianlah firman Tuhan Allah.

Tirus

⁹ Beginilah firman Tuhan,
“Atas sebab tiga, bahkan empat pelanggaran
Tirus,

Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.
Kerana mereka telah menyerahkan kesemua
orang buangan itu kepada Edom
dan tidak mengingat akan perjanjian
persaudaraan,

¹⁰ maka Aku akan melepaskan api ke tembok
Tirus,
yang akan merentungkan puri-purinya.”

Edom

¹¹ Beginilah firman Tuhan,

1:9: Yes 23:1-18; Yeh 26:1—28:19; Yl 3:4-8; Za 9:1-4; Mat 11:21,22; Luk 10:13,14. **1:11:** Yes 34:5-17; 63:1-6; Yer 49:7-22; Yeh 25:12-14; 35:1-15; Ob 1:1-14; Mal 1:2-5.

“Atas sebab tiga, bahkan empat pelanggaran
Edom,
Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.
Kerana dia telah mengejar saudaranya dengan
pedang
dan meluputkan rasa belas kasihan –
amarahnya terus merobekkan untuk
selama-lamanya
dan pengamukan geramnya disimpannya untuk
selama-lamanya –
¹² maka Aku akan melepaskan api ke Teman,
yang akan merentungkan segala puri Bozra.”

Amon

¹³ Beginilah firman Tuhan,
“Atas sebab tiga, bahkan empat pelanggaran
bani Amon,
Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.
Kerana mereka telah merobekkan perut para
perempuan yang mengandung di Gilead
demi meluaskan daerah mereka,
¹⁴ maka Aku akan menyalakan api di tembok
Raba,
yang akan merentungkan segala purinya
diiringi pekikan pada hari peperangan,

diiringi badai pada hari berlaku angin puting
beliung.

¹⁵ Raja mereka akan pergi sebagai orang
buangan

bersama-sama para pembesarnya,”
demikianlah firman Tuhan.

Moab

2 ¹ Beginilah firman Tuhan,
“Atas sebab tiga, malahan empat pelanggaran
Moab,

Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.
Kerana dia membakar tulang-tulang raja Edom
hingga menjadi kapur,

² Aku akan melepaskan api ke Moab,
yang akan merentungkan segala puri Keriot.
Moab akan mati dalam kegemparan,
diiringi pekikan dan bunyi sangkakala.

³ Aku akan melenyapkan sang pemimpin
daripada antaranya
dan mencabut nyawa semua pembesarnya
bersama dengannya,”
demikianlah firman Tuhan.

Hukuman atas Yehuda

⁴ Beginilah firman Tuhan,

“Atas sebab tiga, malahan empat pelanggaran
Yehuda,

Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.
Kerana mereka telah menolak hukum Tuhan
dan tidak memegang teguh segala ketetapan-
Nya.

Mereka disesatkan oleh dusta mereka
yang dahulu diikuti oleh nenek moyang mereka

—

⁵ maka Aku akan melepaskan api ke Yehuda,
yang akan merentungkan segala puri
Yerusalem.”

Hukuman atas Israel

⁶ Beginilah firman Tuhan,

“Atas sebab tiga, malahan empat pelanggaran
Israel,

Aku tidak akan menarik balik hukuman baginya.
Demi perak, mereka menjual orang yang salih
dan orang melarat demi sepasang kasut.

⁷ Mereka menginjak-injak kepala fakir miskin ke
dalam debu tanah

dan menyesatkan jalan orang lemah.

Anak dan ayah meniduri perempuan muda
yang sama,

sehingga mencemari nama-Ku yang maha suci.

⁸ Di atas pakaian gadaian orang,
mereka membaringkan diri di sisi setiap
mazbah.

Dan di dalam Rumah Allah mereka,
mereka minum air anggur orang yang terkena
denda.

⁹ Padahal dari hadapan mereka,
Akulah yang memusnahkan bani Amori,
yang tinggi seperti tinggi pokok araz
dan yang kuat seperti pokok oak.
Aku telah memusnahkan buahnya dari atas dan
akarnya dari bawah.

¹⁰ Aku jugalah yang menuntun kamu keluar dari
Tanah Mesir
dan memimpin kamu selama empat puluh
tahun di gurun,
supaya kamu dapat menduduki bumi bani
Amori.

¹¹ Telah Kubangkitkan para nabi daripada
sebahagian daripada anakmu
dan para penazar daripada sebahagian
daripada para pemudamu.
Bukankah betul begitu, wahai orang Israel?"
demikianlah firman Tuhan.

- 12 “Tetapi kepada para penazar kamu beri minum air anggur, dan para nabi kamu perintahkan, ‘Jangan bernubuat!’
- 13 Sesungguhnya, Aku akan menindih kamu di tempatmu seperti pedati yang ditindih oleh saratnya berkas gandum.
- 14 Orang yang pantas pun tidak akan dapat lari, orang yang kuat pun tidak akan dapat mengerahkan tenaganya, dan sang pahlawan pun tidak akan dapat menyelamatkan diri.
- 15 Orang yang memegang busur panah pun tidak akan tahan berdiri, orang yang pantas gerak kakinya pun tidak mampu menyelamatkan diri, dan orang yang menunggang kuda juga tidak mampu menyelamatkan diri.
- 16 Orang yang berani dan berhati waja antara para kesateria pun akan melarikan diri dalam keadaan bertelanjang pada hari itu,”
demikianlah firman Tuhan.

Nabi penyampai pesan Allah

3 ¹ Dengarlah firman ini yang disampaikan Tuhan menentang kamu, hai orang Israel,

menentang seluruh kaum yang telah Kutuntun keluar dari Tanah Mesir, bunyinya,

² “Hanyalah kamu yang Kupilih daripada semua kaum di bumi.

Oleh sebab itu Aku akan menghukum kamu atas sebab segala kesalahanmu.

³ Adakah dua orang akan berjalan bersama-sama sekiranya mereka belum bermuafakat?

⁴ Adakah singa mengaum di dalam hutan sebelum ada mangsa dalam cengkamannya? Adakah singa muda bersuara dari dalam sarangnya kalau belum menangkap apa-apa?

⁵ Masakan burung terjebak masuk perangkap di tanah kalau tiada denak dipasang untuk memikatnya?

Masakan perangkap bingkas dari tanah jika belum ada apa-apa yang terjebak?

⁶ Kalau sangkakala ditiup di dalam kota, masakan rakyat tidak gementar?

Masakan terjadi malapetaka di sebuah kota jika bala itu bukan Tuhan yang datangkan?

⁷ Sesungguhnya, Tuhan Allah tidak akan melakukan sesuatu

tanpa menyingkapkan rahsia-Nya kepada para nabi, hamba-hamba-Nya.

⁸ Apabila singa telah mengaum, siapakah yang tidak takut?

Tuhan Allah telah berfirman, maka siapakah yang tidak bernubuat?"

Pesan Ilahi tentang keruntuhan Israel

⁹ Canangkanlah di dalam puri-puri di Asdod dan di dalam puri-puri di Tanah Mesir.

Katakanlah, "Berkumpullah di gunung-gunung sekitar Samaria.

Lihatlah kegemparan besar yang ada di dalamnya

dan penindasan yang berlaku di tengah-tengahnya."

¹⁰ "Mereka tidak tahu berbuat jujur," demikianlah firman Tuhan,

"merekalah yang menimbunkan kekerasan dan perompakan di dalam puri-puri mereka."

¹¹ Maka itu beginilah firman Tuhan Allah,

"Akan ada satu lawan yang mengepung negeri itu,

yang akan merosotkan kekuatanmu dan menjarah puri-purimu."

¹² Beginilah firman Tuhan,

"Sebagaimana seorang gembala melepaskan dari dalam mulut singa

dua belah kaki atau sepotong telinga,

demikianlah orang Israel yang tinggal di
Samaria akan dilepaskan di sudut tempat
tidur

dan sepenggal daripada kaki katil.”

¹³ “Dengarlah dan bersaksilah menentang
keturunan kaum Yakub,”

demikianlah firman Tuhan Allah, Allah alam
semesta.

¹⁴ “Pada waktu Aku menghukum Israel atas
sebab segala pelanggarannya,

Aku juga akan menjatuhkan hukuman atas
mazbah-mazbah di Betel.

Tanduk-tanduk mazbah itu akan dipenggal dan
akan jatuh ke tanah.

¹⁵ Akan Kurobohkan kediaman musim dingin
serta kediaman musim panas.

Rumah-rumah daripada gading akan musnah
dan rumah-rumah besar akan ditiadakan,”
demikianlah firman Tuhan.

Perempuan Samaria yang mabuk kemewahan

4 ¹ “Dengarlah firman ini,
wahai lembu-lembu betina Basan di Gunung
Samaria,
yang memeras fakir miskin dan menindas orang
yang melarat,

serta yang berkata kepada suami masing-masing,
‘Bawalah ke mari, supaya kita boleh berpesta!’
”

² Tuhan Allah telah bersumpah demi kesucian-Nya,
“Sesungguhnya, waktunya akan datang ketika kamu akan diangkat dengan cangkuk pengait,
dan yang tersisa antara kamu dengan mata kail.
³ Kamu akan keluar melalui lubang tembok, masing-masing terus ke depan, dan kamu akan dibuang ke Harmon,”
demikianlah firman Tuhan.

Orang Israel tidak beristighfar

⁴ “Datanglah ke Betel dan lakukanlah pelanggaran,
ke Gilgal dan perbanyaklah pelanggaran!
Bawalah korban sembelihanmu setiap pagi dan persembahkan sepersepuluhmu setiap tiga hari.

⁵ Bakarlah persembahan syukur daripada roti yang beragi,
maklumkanlah persembahan-persembahan sukarela dan khabarkanlah,
kerana itulah yang kamu sukai,
wahai orang Israel,”

demikianlah firman Tuhan Allah.

Orang Israel tidak kembali kepada Tuhan

⁶ “Sekalipun Aku telah memberimu gigi terbersih^P di segala kotamu dan kekurangan makanan di segala tempatmu, kamu tidak juga kembali kepada-Ku,” demikianlah firman Tuhan.

⁷ “Aku juga menahan hujan daripadamu, ketika tiga bulan lagi menjelang musim menuai. Kuturunkan hujan ke atas kota yang satu sedangkan ke atas kota yang lain tidak. Ladang yang satu kehujanan dan kering layulah ladang yang tidak kena hujan.

⁸ Penduduk dua tiga buah kota pergi terhuyung-hayang ke satu kota untuk minum air namun mereka tidak merasa kepuasan. Namun demikian, kamu tidak juga kembali kepada-Ku,” demikianlah firman Tuhan.

⁹ “Aku mengazab kamu dengan kelayuan tanaman dan penyakit bijirin.

^P4:6 Dlm bhs Ibrani, ‘gigi terbersih’ bermakna gigi yang tidak tersentuh makanan atau perut kosong.

Tamanmu yang banyak, kebun-kebun
anggurmu, segala pokok aramu, dan
pokok-pokok zaitunmu
dimakan habis oleh belalang.

Namun demikian, kamu tidak juga kembali
kepada-Ku,”

demikianlah firman Tuhan.

¹⁰ “Aku melepaskan wabak penyakit dalam
kalangan kamu

seperti yang Kulakukan terhadap Mesir.

Kutewaskan para pemudamu dengan pedang
dan Kurampas kuda-kudamu.

Kubuat bau busuk dari perkhemahanmu naik
sampai ke hidungmu.

Namun demikian, kamu tidak juga kembali
kepada-Ku,”

demikianlah firman Tuhan.

¹¹ “Aku menunggangbalikkan beberapa orang
antara kamu

seperti Allah menunggangbalikkan Sodom dan
Gomora,

sehingga kamu seperti puntung yang direnggut
dari dalam api.

Namun demikian, kamu tidak juga kembali
kepada-Ku,”

demikianlah firman Tuhan.

¹² “Jadi, beginilah yang kelak Kulakukan terhadapmu, wahai Israel.

Kerana hal itu akan Kulakukan terhadapmu, bersiaplah untuk bertemu dengan Allahmu, wahai Israel!”

¹³ Sesungguhnya, Dia yang membentuk gunung dan yang menciptakan angin, yang memberitahukan kepada manusia isi fikiran-Nya, yang membuat fajar menjadi gelap, dan yang memijak tempat-tempat tinggi di bumi –

Tuhan, Allah alam semesta, itulah nama-Nya.

Ratapan tentang Israel

5 ¹ Dengarlah perkataan dalam rintihanku ini tentang kamu, wahai keturunan kaum Israel,

² “Sang perawan Israel telah jatuh dan tidak dapat bangkit lagi.

Dia terbuang di buminya sendiri, dan tiada sesiapa untuk membantunya bangun lagi.”

³ Beginilah firman Tuhan Allah,

“Kota yang maju berperang dengan seribu orang

hanya akan ada saki-baki seratus orang.

Kota yang maju berperang dengan seratus orang

hanya akan ada sisa sepuluh orang bagi keturunan kaum Israel.”

Jalan menuju hidup

⁴ Beginilah firman Tuhan kepada keturunan kaum Israel,

“Carilah Aku, maka kamu akan hidup!

⁵ Jangan mencari Betel,

jangan masuk ke Gilgal,

dan jangan menyeberang ke Bersyeba, kerana Gilgal pasti hanya menuju pembuangan dan Betel akan dilenyapkan.”

⁶ Carilah Tuhan, maka kamu akan hidup.

Jangan sampai Dia memancar seperti api menentang keturunan kaum Yusuf dan merentungkan Betel tanpa ada yang mampu memadamkan api itu.

Melawan perkosaan keadilan

⁷ Wahai kamu yang mengubah keadilan kepada suatu kepahitan

dan mencampakkan yang benar ke tanah!

⁸ Dia yang membuat Bintang Kartika dan Bintang Belantik,

yang mengubah kekelaman untuk menjadi pagi hari,

dan yang membuat siang menjadi gelap seperti malam;

Dia yang memanggil air laut dan mencurahkan ke permukaan bumi –

Tuhan, itulah nama-Nya.

⁹ Dia yang mendatangkan kebinasaan atas yang kuat

sehingga kebinasaan melanda kota berkubu.

¹⁰ Mereka membenci orang yang memberikan teguran di sidang pengadilan dan mereka memandang keji orang yang berkata benar.

¹¹ Maka atas sebab kamu menginjak-injak orang miskin

dan mengambil riba gandum daripadanya, sungguhpun kamu membangunkan rumah daripada batu pahat,

kamu tidak akan mendiami rumah itu.

Sungguhpun kamu menanam kebun-kebun anggur yang indah,

kamu tidak akan meminum air anggurnya.

¹² Sebab Aku tahu berapa banyak pelanggaranmu dan berapa besar dosamu,

wahai kamu yang menyempitkan lagi kehidupan orang benar, yang mengambil wang suap,

dan yang memutarbalikkan hak orang yang melarat di sidang pengadilan.

¹³ Oleh sebab itu orang yang bijak akan berdiam diri pada waktu itu, kerana waktu itu waktu jahat.

Hidup dan mati

¹⁴ Carilah yang baik, jangan yang jahat, supaya kamu hidup.

Dengan demikian Tuhan, Allah alam semesta, akan menyertai kamu, seperti yang kamu katakan.

¹⁵ Bencilah yang jahat dan cintailah yang baik, tegakkanlah keadilan dalam sidang pengadilan, barangkali Tuhan, Allah alam semesta, akan mengasihani saki-baki keturunan Yusuf.

¹⁶ Maka beginilah firman Tuhan, Allah alam semesta, Tuhan:

“Di segala tempat umum akan ada ratapan, di segala jalan orang akan berkata, ‘Alahai! Alahai!’ Petani akan dipanggil untuk berkabung,

juga orang yang pandai membawa rintihan lagu perkabungan.

¹⁷ Di segala kebun anggur akan ada ratapan, kerana Aku akan melintas di tengah-tengah kamu,”

demikianlah firman Tuhan.

Hari penghakiman Allah

¹⁸ Malangnya kamu yang menginginkan hari Tuhan!

Apa gunanya hari Tuhan itu bagimu?

Hari itu hari gelap dan bukan terang,

¹⁹ ibarat seorang yang lari menghindari singa tetapi seekor beruang mengadangnya,

lalu ketika dia masuk ke dalam rumah dan menopang tangan ke dinding,

seekor ular memagutnya pula.

²⁰ Bukankah hari Tuhan itu kegelapan dan bukan terang,

kelam pekat dan tidak bercahaya?

Ibadat munafik orang Israel dibenci Allah

²¹ “Aku membenci, Aku memandang hina perayaan-perayaanmu.

Aku tidak suka pada perhimpunan hari-hari perayaan kamu.

²² Bahkan sekalipun kamu mempersembahkan kepada-Ku

segala korban bakaran dan persembahan bahan makananmu,

Aku tidak akan berkenan menerimanya.

Aku tidak mahu memandang korban-korban kedamaian daripada ternakan kamu yang tambun.

²³ Jauhkanlah daripada-Ku keramaian nyanyian-nyanyianmu.

Aku tidak mahu mendengar irama gambusmu.

²⁴ Sebaliknya, biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air

dan perbenaran^q seperti sungai yang selalu mengalir.

²⁵ Adakah selama empat puluh tahun di tanah gurun

kamu mempersembahkan kepada-Ku korban sembelihan dan persembahan,

hai keturunan kaum Israel?

²⁶ Kamu akan mengusung Sakut, rajamu, dan Kewan, tuhan-tuhan bintangmu, berhala-berhala yang telah kamu buat bagimu itu.

²⁷ Lalu Aku akan membuang kamu, jauh ke seberang Damsyik,"

demikianlah firman Tuhan, yang bernama Allah alam semesta.

^q**5:24** Perbenaran: Perkataan ini antara maknanya ialah tindakan yang benar, tulus dan yang adil iaitu yang selaras dengan kehendak Tuhan.

5:25: Kis 7:42,43.

Malangnya orang yang hidup bersenang-senang

6¹ Malangnya orang yang hidup bersenang-senang di Sion

dan mereka yang berasa selamat di Gunung Samaria,

iaitu orang terkemuka daripada bangsa yang terutama itu.

Kepimpinan mereka ini amat diharapkan oleh keturunan kaum Israel.

² Menyeberanglah kamu ke Kalne dan tengoklah.

Pergilah dari sana ke Hamat yang besar itu dan turunlah ke Gat, negeri orang Filistin.

Adakah mereka lebih baik daripada kerajaan-kerajaan ini?

Adakah daerah mereka lebih besar daripada daerahmu?

³ Wahai kamu yang menganggap hari malapetaka masih jauh

dan mendekatkan pemerintahan berunsur keganasan,

⁴ yang berbaring di atas katil bertatahkan gading

dan menggeliat di atas ranjang mereka,

yang memakan anak-anak domba daripada kawanan domba

dan anak-anak lembu tambun dari dalam
kandang;

⁵ wahai kamu yang bersenandung seiring bunyi
gambus

dan menciptakan alat-alat muzik seperti Daud,

⁶ yang meminum air anggur daripada
bokor-bokor persembahan

dan mengurapi diri dengan minyak yang terbaik
tetapi tidak bersedih kerana kehancuran
keturunan Yusuf.

⁷ Maka kini, mereka akan menjadi kalangan
yang mula-mula dibuang.

Keriuhan pesta kalangan yang menggeliat di
ranjang itu akan tamat.

⁸ Tuhan Allah telah bersumpah demi diri-Nya,
demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta:

“Aku amat membenci keangkuhan Yakub dan
Aku membenci puri-purinya.

Akan Kuserahkan kota itu berserta segala
isinya.”

⁹ Nanti, jika tertinggal sepuluh orang dalam
sebuah rumah, mereka pun akan mati. ¹⁰ Seorang
kerabat yang harus membakar mayat akan
mengangkat dan mengeluarkan mayat itu dari
rumah. Lalu dia akan bertanya kepada orang yang
ada di bahagian belakang rumah, “Masih adakah
orang yang bersamamu?” dan akan dijawab,

“Tidak ada.” Lalu dia akan berkata, “Diam! Tidak patut kita sebut nama Tuhan.”

¹¹ Sesungguhnya, jika Tuhan memberikan perintah,
maka akan dirobuhkan-Nya rumah yang besar
menjadi reruntuhan
dan rumah yang kecil menjadi cebisan
kepingan.

¹² Adakah kuda berlari di atas bukit batu?
Adakah orang membajak di situ dengan lembu?
Akan tetapi, kamu telah mengubah keadilan
kepada racun
dan buah yang benar^r kepada kepahitan –

¹³ wahai kamu yang bergembira atas Lodebar,
yang berkata,
“Bukankah kami merebut Karnaim dengan
kekuatan kami sendiri?”

¹⁴ “Sesungguhnya, Aku akan membangkitkan
suatu bangsa untuk melawan kamu,
wahai keturunan kaum Israel”
demikianlah firman Tuhan, Allah alam semesta.
“Mereka akan menindas kamu dari jalan masuk
Hamat sampai sungai di Araba.”

^r6:12 Atau: Buah perbenaran.

Penglihatan pertama Amos: Belalang

7¹ Inilah yang diperlihatkan Tuhan Allah kepadaku: Lihatlah Dia sedang membentuk kawanan belalang ketika semaian terakhir mulai tumbuh, iaitu penumbuhan semaian terakhir sesudah disabit bahagian bagi raja. ² Setelah kawanan itu selesai memakan semaian yang tumbuh di tanah, aku pun berkata, “Ya Tuhan Allah, semoga Engkau mengampuni Israel! Bagaimanakah Yakub dapat bertahan? Dia begitu kecil!”

³ Maka Tuhan pun berbelas kasihan atas hal itu. “Itu tidak akan terjadi,” firman Tuhan.

Penglihatan kedua: Api

⁴ Inilah yang diperlihatkan Tuhan Allah kepadaku: Lihatlah Tuhan Allah sedang memanggil renjisan api untuk menjalankan hukuman. Kemudian api itu memakan habis samudera raya dan memakan habis tanah ladang. ⁵ Lalu aku berkata, “Ya Tuhan Allah, semoga Engkau hentikanlah! Bagaimanakah Yakub dapat bertahan? Dia begitu kecil!”

⁶ Maka Tuhan pun berbelas kasihan atas hal itu. “Itu pun tidak akan terjadi,” firman Tuhan Allah.

Penglihatan ketiga: Batu ladung

⁷ Inilah yang diperlihatkan-Nya kepadaku: Lihatlah Tuhan hadir di sisi sebuah tembok yang tegak lurus dengan tangan-Nya memegang batu ladung. ⁸ Firman Tuhan kepadaku, “Apa yang kaulihat, Amos?”

Jawabku, “Batu ladung.”

Firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan memasang batu ladung di tengah-tengah umat-Ku Israel, dan Aku tidak akan mengampuni mereka lagi.

⁹ Akan tandus kesepianlah segala bukit pemujaan Ishak

dan tempat-tempat suci Israel akan menjadi puing-puing.

Aku akan bangkit melawan keluarga Yerobeam dengan pedang.”

Amos diusir Amazia

¹⁰ Lalu Amazia, imam di Betel, menghantar perutusan ini kepada Yerobeam raja Israel, “Kini Amos bersekongkol melawan tuanku di tengah-tengah keturunan kaum Israel. Negeri ini tidak sanggup lagi menanggung segala ucapannya. ¹¹ Maka balaslah Amos,

‘Yerobeam akan mati di hujung pedang

dan orang Israel pasti dibuang dari bumi mereka.’ ”

¹² Lalu Amazia berkata kepada Amos, “Wahai pelihat, pergilah! Nyahlah ke Tanah Yehuda! Carilah nafkah di sana dan bernubuatlah di sana!

¹³ Jangan lagi bernubuat di Betel, kerana ini tempat suci raja, bait suci kerajaan.”

¹⁴ Jawab Amos kepada Amazia, “Aku ini bukan nabi, dan juga bukan seorang anak nabi. Aku penternak dan pemelihara pokok ara. ¹⁵ Namun demikian, Tuhan mengambilkau daripada pekerjaan menggiring kawanan domba dan Tuhan berfirman kepadaku, ‘Pergilah, bernubuatlah kepada umat-Ku Israel.’

¹⁶ Sekarang, dengarlah firman Tuhan. Engkau berkata,

‘Jangan bernubuat menentang Israel dan jangan bertutur menentang keturunan kaum Ishak.’

¹⁷ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, ‘Isterimu akan menjadi perempuan sundal di kota,

sedangkan anak-anakmu baik lelaki mahupun perempuan akan tewas oleh pedang.

Tanahmu akan dibahagi-bahagi dengan menggunakan tali pengukur,

sedangkan engkau sendiri akan mati di tanah yang najis,

dan orang Israel pasti dibuang dari bumi mereka.' ”

Penglihatan keempat: Bakul dengan buah-buahan

8¹ Inilah yang diperlihatkan Tuhan Allah kepadaku: Lihatlah sebuah bakul berisi buah-buahan musim panas. ² Firman-Nya, “Apa yang kaulihat, Amos?”

Jawabku, “Sebuah bakul berisi buah-buahan musim panas.”

Firman Tuhan kepadaku, “Kesudahan telah datang bagi umat-Ku Israel. Aku tidak lagi akan membiarkan kemungkarannya begitu sahaja. ³ Pada masa itu kelak, segala nyanyian di Bait Suci akan menjadi raungan,” demikianlah firman Tuhan Allah, “dan akan ada banyak bangkai yang dibuang orang secara diam-diam ke merata tempat.”

Peringatan terhadap orang yang memangsakan sesama manusia

⁴ Dengarlah ini, wahai kamu yang menginjak-injak golongan yang melarat, dan yang melenyapkan fakir miskin di negeri ini,

⁵ dan yang berkata,
“Bilakah tamatnya bulan baru ini

supaya kita dapat menjual gandum,
 dan bilakah berakhirnya hari Sabat ini
 supaya kita dapat menjual gandum dengan
 mengecilkan efa⁵,

membesarkan syikal dan berbuat curang
 dengan neraca tipuan;

⁶ supaya kita dapat membeli fakir miskin
 dengan perak

dan orang melarat dengan sepasang kasut
 serta menjual sekam bersama-sama
 gandumnya?"

⁷ Tuhan telah bersumpah demi keangkuhan
 Yakub,

"Sesungguhnya, Aku tidak akan melupakan
 segala perbuatan mereka.

⁸ Tidakkah negeri ini akan gementar kerana hal
 itu

dan setiap penduduknya akan berkabung?
 Bukankah seluruh negeri itu kelak meluap
 seperti Sungai Nil,

bergelora dan surut seperti Sungai Nil di Mesir."

Ratapan pada hari penghakiman

⁹ "Pada hari itu," demikianlah firman Tuhan
 Allah,

⁵8:5 Satu efa: Ukuran isipadu lebih kurang 22 liter.

“Aku akan membuat matahari terbenam pada
tengah hari
dan bumi menggelap sewaktu rembang tengah
hari.

¹⁰ Akan Kuubah perayaan-perayaanmu kepada
perkabungan,
dan segala nyanyianmu kepada ratapan.
Kain perkabungan akan Kukenakan pada setiap
pinggang
dan setiap kepala akan Kugondolkan.
Aku akan menjadikan hal itu seperti
perkabungan atas kematian si anak
tunggal
dan kesudahannya seperti hari yang getir.”

Lapar dan haus akan Firman Allah

¹¹ “Sesungguhnya, akan datang waktunya,”
demikianlah firman Tuhan Allah,
“Aku akan menimpakan kebuluran atas negeri
ini –

bukan kelaparan dan kehausan kerana tiada
makanan atau tiada air,
melainkan untuk mendengar firman Tuhan.

¹² Mereka akan mengembara dari laut ke laut
dan dari utara ke timur,
serta menjelajah untuk mencari firman Tuhan,
tetapi mereka tidak akan menemukannya.

¹³ Pada waktu itu para perawan yang cantik

dan para pemuda akan lemah lesu kerana haus.
¹⁴ Itulah kalangan yang bersumpah demi Asima,
 dewi Samaria,
 dan yang berkata, ‘Demi tuhanmu yang hidup,
 wahai Dan!’
 atau, ‘Demi tuhanmu^t Bersyeba yang hidup!’ –
 mereka akan jatuh dan tidak akan bangun lagi.”

**Penglihatan kelima: Tuhan
 hadir di sisi mazbah berhala**

9 ¹ Aku melihat Tuhan hadir di sisi mazbah
 berhala dan Dia berfirman,
 “Hentamlah segala kepala tiang itu
 sehingga kesemua ambang pintu bergoncang,
 lalu pecahkan dan jatuhkanlah kesemuanya ke
 atas kepala semua orang.
 Dengan pedang akan Kucabut nyawa sesiapa
 yang terselamat.
 Tiada seorang pun daripada mereka akan
 mampu melarikan diri,
 tiada seorang pun dapat menyelamatkan diri.
² Sekalipun mereka terdaya menggali sampai
 alam barzakh,
 akan Kuambil mereka dari sana dengan
 tangan-Ku.
 Sekalipun mereka terdaya memanjat ke langit,

^t8:14 Atau: Dewa.

akan Kuturunkan mereka dari sana.

³ Sekalipun mereka menyembunyikan diri di puncak Gunung Karmel, akan Kuburu mereka dan Kuambil mereka dari sana.

Sekalipun mereka bersembunyi daripada pandangan-Ku di dasar laut, akan Kuperintahkan sang ular laut untuk memagut mereka di sana.

⁴ Sekalipun mereka dijadikan tawanan oleh para musuh mereka, akan Kuperintahkan pedang untuk mencabut nyawa mereka di sana.

Aku akan tujukan pandangan kepada mereka untuk mendatangkan kebinasaan, bukan kebaikan terhadap mereka.”

⁵ Tuhan, Allah alam semesta, Dialah yang menyentuh bumi sehingga bumi luluh

dan semua penduduknya berkabung. Semuanya akan meluap seperti Sungai Nil dan surut seperti Sungai Nil di Mesir.

⁶ Dialah yang membangunkan anjungan-Nya di langit

dan yang mengasaskan kubah-Nya di bumi.

Dialah yang memanggil air laut

dan yang mencurahkan ke permukaan bumi

Tuhan, itulah nama-Nya.

Allah menolak orang Israel

⁷ “Bukankah kamu seperti bani Kush bagi-Ku,
wahai orang Israel?”
demikianlah firman Tuhan.

“Bukankah Aku telah menuntun orang Israel
keluar dari Tanah Mesir,
orang Filistin dari Kaftor dan orang Aram dari
Kir?

⁸ Sesungguhnya, pandangan Tuhan Allah
tertuju kepada kerajaan yang berdosa ini.
Aku akan memusnahkannya dari muka bumi,
tetapi Aku tidak akan memusnahkan keturunan
kaum Yakub sama sekali,”
demikianlah firman Tuhan.

⁹ “Sesungguhnya, Aku akan memberikan
perintah
dan menampi keturunan kaum Israel dalam
kalangan segala bangsa
seperti orang menampi dengan nyiru,
tetapi butir yang terkecil pun tidak akan jatuh
ke tanah.

¹⁰ Semua orang berdosa daripada kalangan
umat-Ku akan mati dengan pedang,
iaitu kalangan yang berkata, ‘Malapetaka tidak
akan mendatangi atau mencapai kita.’ ”

Janji penyelamatan

¹¹ “Pada waktu itu Aku akan membina semula khemah Daud yang telah roboh.

Akan Kututup lubang-lubang dindingnya dan akan Kudirikan semula keruntuhannya. Aku akan membangunkannya semula seperti pada zaman dahulu,

¹² supaya mereka dapat menguasai saki-baki Edom

dan segala bangsa yang Kupanggil milik-Ku,” demikianlah firman Tuhan yang melakukan hal ini.

¹³ “Sesungguhnya, waktunya akan datang,” demikianlah firman Tuhan,

“tepat pada masanya, pembajak tanah akan menyusul penuai

dan pengirik anggur akan menyusul penabur benih.

Gunung-gunung akan menitiskan air anggur yang baru

dan akan kebanjiranlah segala bukit.

¹⁴ Aku akan memulihkan keadaan umat-Ku Israel,

dan mereka akan membangunkan kembali
kota-kota yang telah rusak lalu
menghuninya.

Mereka akan menanam kebun-kebun anggur
dan meminum air anggurnya,
mereka akan membuat kebun-kebun dan
memakan buahnya.

¹⁵ Aku akan menanam mereka di tanah mereka
dan mereka tidak akan dicabut lagi dari tanah
yang telah Kukurniakan kepada mereka,”
firman Tuhan, Allahmu.

OBAJA

Hukuman Allah ke atas Edom

- 1** ¹ Penglihatan Obaja.
Beginilah firman Tuhan Allah tentang Edom:
Kami telah mendengar perutusan Tuhan,
dan seorang duta telah diutus kepada
bangsa-bangsa dengan pesanan:
“Bangunlah, marilah kita memerangnya!” –
- ² Sesungguhnya, Aku akan menjadikan engkau
kecil di antara bangsa,
dan engkau akan amat dihina.
- ³ Kamu yang menghuni liang-liang batu,
di tempat kediamanmu yang tinggi telah tertipu
oleh keangkuan hatimu.
Maka berkata kamu dalam hatimu:
“Siapakah kelak yang menurunkan aku ke
bumi?”
- ⁴ Sekalipun kamu terbang tinggi seperti burung
rajawali,
malah sekalipun sarangmu kamu tempatkan di
antara bintang.
Dari sana pun Aku akan menurunkan kamu,
demikianlah firman Tuhan.

⁵ Jika pada malam pencuri atau penyamun datang kepadamu, betapa kamu akan dibinasakan mereka. Sebabnya bukankah mereka akan mengambil sebanyak yang diperlukan mereka? Jika pemetik buah anggur datang kepadamu, bukankah mereka masih akan meninggalkan sisa-sisa pemetikan?

⁶ Betapa kaum Esau akan digeledah, dan betapa segala harta benda mereka yang tersembunyi dicari sehingga terdedah!

⁷ Semua rakan sekutumu akan mengusir kamu ke perbatasan.

Dan kamu akan diperdayakan oleh mereka yang berdamai denganmu.

Malah kalangan yang makan sehidangan dengan kamu

turut berusaha memerangkap kamu.

Tidak ada pengertian padanya.

⁸ Demikianlah firman Tuhan:

Bukankah pada hari itu Aku akan melenyapkan kalangan yang bijaksana daripada Edom, dan pengertian daripada pergunungan Esau?

⁹ Juga para pahlawanmu, wahai Teman, akan kecewa dan terkejut,

hinggakan lenyap semua orang di pergunungan Esau kerana telah terbunuh.

¹⁰ Oleh sebab kekerasan terhadap saudaramu Yakub, maka kamu diliputi oleh cela, dan kamu akan dilenyapkan buat selamanya.

¹¹ Pada hari kamu menyisihkan dan menjauhkan diri, manakala golongan orang luar itu mengangkut kekayaan Yerusalem dan golongan orang asing memasuki pintu gerbangnya dan mencabut undi bagi memperolehnya, kamu seperti seorang daripada mereka itu.

¹² Maka usah kamu memandang rendah terhadap saudaramu ketika dia mengalami nasib malang, dan janganlah kamu bergembira atas kebinasaan bani Yehuda; dan janganlah kamu berbangga dan bercakap besar pada hari kesusahan mereka.

¹³ Janganlah masuk ke pintu gerbang umat-Ku pada hari mereka menerima bencana, bahkan janganlah pandang ringan malapetaka yang menyimpannya pada hari sialnya.

Dan janganlah kamu rampas kekayaannya ketika dia menghadapi bencana.

¹⁴ Janganlah kamu berdiri di persimpangan untuk menghapuskan para pelarian mereka, dan janganlah kamu penjarakan kalangan mereka yang terselamat pada hari penderitaan itu.

Hari Tuhan menjelang

¹⁵ Sebab bagi segala bangsa, hari Tuhan sudah menjelang.

Apa yang kamu lakukan kepada orang lain begitu jugalah akan dilakukan kepadamu, akibat perbuatanmu akan kembali menimpa kepalamu sendiri.

¹⁶ Sesungguhnya, sebagaimana kamu telah minum di atas gunung-Ku yang kudus, segala bangsa juga akan tidak putus-putus minum di situ; malah mereka akan minum dengan lahap, dan mereka akan menjadi seolah-olah mereka tidak pernah wujud.

¹⁷ Tetapi akan ada kalangan yang terselamat di Gunung Sion, dan gunung itu akan menjadi tempat kudus; dan keturunan kaum Yakub akan memiliki tanah yang sememang milik mereka.

¹⁸ Keturunan kaum Yakub akan menjadi bak api dan keturunan Yusuf menjadi nyala api, tetapi keturunan kaum Esau akan menjadi tunggul jerami:

mereka akan membakar dan memakan habis semua mereka

hinggakan tidak ada seorang pun daripada keturunan kaum Esau yang terlepas, kerana Tuhan telah berfirman demikian.

¹⁹ Maka warga dari Tanah Negeb akan memiliki pergunungan Esau

dan kawasan tanah rendah orang Filistin dan juga memiliki daerah Efraim dan daerah Samaria,

manakala suku Benyamin akan memiliki daerah Gilead.

²⁰ Dan orang Israel yang dalam buangan akan memiliki tanah orang Kanaan sampai Sarfat;

malah orang buangan Yerusalem yang ada di Sefarad,

akan memiliki kota-kota di Tanah Negeb.

²¹ Para penyelamat akan mendaki Gunung Sion demi menghukum pergunungan Esau; maka kerajaan itu akan menjadi milik Tuhan.

YUNUS

Yunus lari daripada Tuhan

1 ¹ Datanglah firman Tuhan sedemikian kepada Yunus anak Amitai: ² “Bangunlah, pergilah ke Niniwe, ibu kota yang besar itu, dan berserulah terhadap mereka kerana kemungkaran mereka sudah nyata kepada-Ku.” ³ Akan tetapi, Yunus melarikan diri ke Tarsis, jauh dari hadirat Tuhan. Maka, pergilah dia ke Yope,^u dan setelah menemui sebuah kapal, dia membayar tambangnya, dan belayar dengan orang lain ke Tarsis, jauh dari hadirat Tuhan. ⁴ Tetapi Tuhan menurunkan angin ribut kencang hingga laut bergelora dan kapal yang dihentam gelora itu hampir-hampir pecah. ⁵ Para pelaut yang dalam ketakutan itu melaung meminta pertolongan tuhan masing-masing dan mereka membuang ke laut muatan di dalam kapal demi meringankan kapal. Akan tetapi, Yunus yang turun ke ruang bahagian dalam kapal berbaring di sana lalu tidur nyenyak.

^u**1:3** Nama lain Yope ialah Yafo

⁶ Nakhoda datang mendapatkan Yunus dan berkata: “Bagaimana kamu boleh tidur nyenyak? Bangunlah dan berserulah kepada tuhan kamu. Mungkin tuhanmu akan mempedulikan kita supaya kita semua tidak binasa.”

⁷ Berkatalah mereka sesama sendiri, “Ayuh kita cabut undi agar kita tahu bahana siapakah kita ditimpa malapetaka ini.” Lalu mereka membuang undi dan undi itu terjatuh pada Yunus. ⁸ Berkatalah mereka kepada Yunus, “Beritahu kami, bahana siapakah bencana ini menimpa kita semua. Apa pekerjaanmu? Kamu datang dari mana? Apa negerimu? Apa bangsamu?”

⁹ Jawab Yunus, “Aku orang Ibrani. Aku takut kepada Tuhan, Allah semesta langit, yang menjadikan lautan dan daratan.” ¹⁰ Para pelaut itu menjadi amat takut lantas berkata kepada Yunus, “Apakah yang telah kamu lakukan?” Mereka mengetahui Yunus telah melarikan diri dari hadirat Tuhan kerana Yunus telah memberitahu mereka hal itu. ¹¹ Mereka pun bertanya dia, “Apa yang harus kami lakukan agar laut tenang bagi kita?” Ini sebab laut menjadi semakin bergelora.

¹² Jawabnya, “Angkat dan campaklah aku ke laut dan laut itu akan reda pula bagimu. Aku tahu

bahana akulah petaka ribut kencang ini menimpa kamu.”

¹³ Para pelaut masih bekerja keras dan cuba untuk berdayung supaya dapat kembali ke darat, namun mereka tidak berdaya lantaran laut menjadi lebih bergelora lagi. ¹⁴ Maka berserulah mereka kepada Tuhan, “Ya Tuhan, janganlah sampai kami binasa bahana perbuatan orang ini; janganlah kami yang tidak bersalah terhukum atas perbuatannya sebab Engkau, ya Tuhan telah melakukan sebagaimana Kaukehendaki.”

¹⁵ Lalu mereka mengangkat serta mencampakkan Yunus ke laut, dan laut pun tidak mengamuk lagi. ¹⁶ Amat takutlah mereka semua kepada Tuhan lalu mereka mempersembahkan korban sembelihan dan mengucapkan nazar kepada Tuhan.

¹⁷ Maka Tuhan menetapkan yang ketika itu datanglah seekor ikan besar lantas menelan Yunus, dan selama tiga hari dan tiga malam, Yunus tinggal di dalam perut ikan itu.

Doa kesyukuran Yunus

2 ¹ Lalu Yunus pun berdoa kepada Tuhan, Allahnya, dari dalam perut ikan itu.

² Katanya,

“Aku menagih ihsan Tuhan dan berseru kepada-Nya dalam penderitaanku, dan Dia menjawabku.

Dari dalam perut alam kubur aku berteriak dan Engkau mendengar suaraku.

³ Engkau menghumbankan aku sedalam-dalamnya

di tengah lautan hingga aku dibaluti arus air dan seluruh gelombang.

Segenap gelombang dan badai ombak-Mu melandaiku.

⁴ Kataku, ‘Aku dinyahkan dari depan mata-Mu. Namun demikian, pandanganku tetap ke arah bait-Mu yang suci.’

⁵ Air laut melitupi aku, mengancam nyawaku, samudera membungkusku, dan rumpai laut membelit kepalaku.

⁶ Tenggelamlah aku ke dasar gunung-gunung dengan tambatan bumi mengurung aku buat selama-lamanya, namun Engkau membawaku naik dari lubang kubur, ya Tuhan, Allahku.

⁷ Ketika jiwaku sedang rimpuh dalam diriku, aku teringat kepada Tuhan, dan doaku sampai kepada-Mu, ke bait-Mu yang suci.

⁸ Mereka yang bersandar pada berhala yang tidak berguna,

sekadar menyingkirkan kasih setia yang tersedia bagi mereka.

⁹ Tetapi dengan penuh kesyukuran, aku persembahkan korban kepada-Mu, dan apa yang kunazarkan kutunaikan. Penyelamatan sememangnya daripada Tuhan!”

¹⁰ Maka Tuhan memerintahkan ikan itu yang terus memuntahkan Yunus ke darat.

Pertaubatan Yunus

3 ¹ Maka datanglah firman Tuhan buat kali keduanya, kepada Yunus demikian: ² “Bangkitlah dan pergilah ke Niniwe, kota yang besar itu, dan sampaikanlah kepada penduduknya perisytiharan yang Aku firmankan kepadamu.” ³ Bersegeralah Yunus pergi ke Niniwe mematuhi firman Tuhan. Niniwe sebuah kota amat besar yang luasnya selama tiga hari perjalanan. ⁴ Berserulah Yunus setelah memasuki kota itu sejauh sehari perjalanan, “Empat puluh hari lagi Niniwe akan ditewaskan!”

⁵ Orang Niniwe percaya kepada Allah lalu mereka mengumumkan puasa, dan kesemua warganya daripada yang terbesar sampai yang terkecil memakai pakaian berkabung.

⁶ Khabar itu pun sampai kepada raja Niniwe yang terus bangkit dari takhtanya lantas menanggalkan jubahnya serta menyelubungi dirinya dengan pakaian berkabung, lalu duduk dalam abu. ⁷ Raja mengeluarkan perisytiharan ke seluruh Niniwe:

“Melalui ketetapan raja serta para pembesarnya, baik manusia mahupun haiwan, baik kelompok mahupun kawan ternakan, tiada yang boleh makan sesuatu pun, ataupun minum air. ⁸ Tetapi hendaklah kesemua manusia serta haiwan, berselubung kain perkabungan. Hendaklah setiap orang berseru sekuat-kuatnya kepada Allah, dan hendaklah masing-masing bertaubat daripada perilaku yang jahat serta daripada keganasan yang dikerjakan oleh tangannya. ⁹ Siapa tahu? Mungkin Allah berasa belas kasihan, serta beralih daripada kemurkaan-Nya yang mengerikan lantas kita tidak binasa.”

¹⁰ Apabila Allah melihat perbuatan mereka, dan pertaubatan mereka daripada kemungkaran, maka Dia berlembut dan tidak mendatangkan malapetaka seperti yang dirancang-Nya terhadap mereka.

Amarah Yunus

4¹ Maka Yunus amat tidak senang hati lantas dia menjadi marah. ² Kemudian berdoalah dia kepada Tuhan, katanya, “Ya Tuhan, bukankah sudah kukatakan hal ini ketika aku masih di negeriku sehingga aku cepat-cepat melarikan diri ke Tarsis. Aku tahu betapa Engkaulah Tuhan pengasih dan penyayang, panjang sabar dan melimpah-ruah kasih, serta berbelas kasihan dan tidak pula mendatangkan malapetaka. ³ Maka sekarang, ya Tuhan, ambil sajalah nyawaku, kerana lebih baik aku mati daripada hidup.”

⁴ Maka berfirmanlah Tuhan, “Patutkah engkau marah?”

⁵ Lalu Yunus keluar dari kota itu dan duduk di sebelah timurnya. Dia membuat sebuah pondok di situ lalu duduk di bawah naungannya untuk melihat apa yang bakal terjadi kepada kota itu. ⁶ Atas kehendak Tuhan Allah, tumbuhlah sebatang pohon yang menjalar lalu menyediakan naungan bagi kepala Yunus agar reda ketidakselesaiannya. Lalu sangat gembiralah Yunus kerana adanya pohon yang menjalar itu. ⁷ Tetapi pada hari esoknya, Allah menetapkan ada seekor ulat yang menyerang pohon itu lalu

rosak dan layulah pohon itu. ⁸ Ketika terbit matahari, Allah menetapkan datang angin yang panas terik dari timur lalu amat sakitlah kepala Yunus dan dia menjadi lemah dan lesu lantas dia memohon untuk dimatikan sahaja. Katanya, “Lebih baik aku mati daripada hidup.”

⁹ Maka berfirmanlah Allah kepada Yunus, “Patutkah engkau marah atas sebab pohon yang menjalar itu?”

Yunus menjawab, “Memang aku patut marah sampai mati.”

¹⁰ Maka Tuhan pun berfirman, “Engkau sayang kepada pohon itu, padahal bukan engkau yang bersusah payah menumbuhkannya. Pohon itu tumbuh dalam satu malam dan juga mati dalam satu malam. ¹¹ Jadi, tidak patutkah Aku menyayangi Niniwe, kota yang besar itu? Bukankah di dalamnya ada lebih daripada 120,000 orang, yang tidak tahu membezakan antara tangan kanan daripada tangan kiri, malahan banyak pula haiwan ternakannya?”

MIKHA

1 ¹ Firman Tuhan yang turun kepada Mikha, orang Moresyet, pada zaman Yotam, Ahas dan Hizkia, raja-raja Yehuda, yakni penglihatannya tentang Samaria dan Yerusalem.

Kemusnahan yang bakal menimpa Samaria

² Dengarlah, wahai bangsa-bangsa sekalian! Perhatikanlah, wahai bumi dan segala isinya! Biarlah Tuhan Allah menjadi saksi terhadap kamu,

Tuhan dari Bait-Nya yang suci.

³ Sesungguhnya, Tuhan datang dari tempat-Nya, dan Dia kelak datang menjejak tempat-tempat tinggi di bumi.

⁴ Luluhlah gunung-ganang di bawah-Nya dan terbelahlah segala lembah seperti lilin di depan api, seperti air tercurah di tempat curam.

⁵ Semua ini terjadi kerana pelanggaran Yakub, kerana dosa keturunan kaum Israel.

Apakah pelanggaran Yakub? Bukankah itu
Samaria?

Di manakah bukit pemujaan Yehuda? Bukankah
itu Yerusalem?

⁶ “Oleh sebab itu Aku akan menjadikan Samaria
timbunan puing di padang,
tempat untuk menanam kebun anggur.

Aku akan menghamburkan batu-batunya ke
lembah dan membuka dasar-dasarnya.

⁷ Segala patung ukirannya akan dihancurkan,
segala upah sundalnya akan dibakar habis,
dan segala berhalanya akan Kujadikan rosak.

Kerana semuanya itu dikumpulkannya daripada
upah pelacur,
maka semuanya itu akan kembali menjadi upah
pelacur.”

⁸ Itulah sebabnya aku akan meratap dan
meraung-raung,
aku akan berjalan tanpa kasut dan bertelanjang.
Aku akan memperdengarkan ratapan seperti
serigala

dan perkabungan seperti burung unta,^v

⁹ kerana lukanya tidak tersembuhkan.

Sesungguhnya, luka itu telah menjalar ke
Yehuda,

^v1:8 Ada naskhah menyebutnya sebagai ‘burung hantu.’

sampai ke pintu gerbang bangsaku, ke
Yerusalem.

¹⁰ Jangan khabarkan hal itu di Gat,
jangan sekali-kali menangis!

Berguling-gulinglah di dalam debu di
Bet-Le-Afra!

¹¹ Berjalanlah, wahai penduduk Safir, dalam
keadaan bogel dan aib.

Penduduk Zaanan tidak berani keluar.
Bet-Haezel meratap, perlindungannya
direnggut daripadamu.

¹² Penduduk Marot bersusah menantikan
keadaan baik,
kerana malapetaka telah turun daripada Tuhan
ke pintu gerbang Yerusalem.

¹³ Pasanglah segala rata pada kuda-kuda teji,
wahai penduduk Lakhis.

Kota inilah mulanya dosa bagi puteri Sion,
kerana pelanggaran Israel didapati di dalamnya.

¹⁴ Oleh sebab itu berikanlah hadiah perpisahan
kepada Moresyet-Gat.

Bani Akhzib akan menjadi tipu daya atas para
raja Israel.

¹⁵ Aku masih akan mendatangkan penakluk
bagimu, wahai penduduk Maresa!

Kemuliaan Israel akan juga sampai ke Adulam.

¹⁶ Gondolkanlah kepalamu dan cukurlah
rambutmu kerana para anak
kesayanganmu.

Jadikanlah kepalamu gondol seperti burung
nasar,

kerana mereka harus pergi daripadamu ke
dalam pembuangan.

Malangnya orang yang menindas

2 ¹ Malangnya orang yang merancang
kedurjanaan
dan yang membuat rancangan jahat di atas
tempat tidur mereka!
Pada waktu fajar menyingsing mereka
melaksanakannya,
kerana hal itu ada dalam kekuasaan mereka.

² Mereka menginginkan ladang, lalu
merampasnya, mahukan rumah, lalu
mengambilnya.

Maka dilakukan mereka terhadap orang serta
kaum keluarganya,
menindas orang untuk mengambil harta
pusakanya.

³ Maka beginilah firman Tuhan,

“Sesungguhnya, terhadap kaum ini Aku
merancang malapetaka.

Kamu tidak akan dapat menjauhkan leher
daripadanya.

Kamu tidak akan dapat berjalan dengan
sombong, kerana waktu itu waktu jahat.

⁴ Pada hari itu orang akan mengucapkan ibarat
tentang kamu
dan meratap dengan lagu perkabungan yang
getir, demikian:

‘Kita telah habis rosak. Bahagian warisan
bangsaku telah ditukar-Nya.

Betapa Dia menyingkirkannya daripadaku!
Dia membahagikan ladang-ladang kita kepada
orang derhaka.’ ”

⁵ Oleh sebab itu takkan ada bagimu
orang yang melemparkan tali pengukur melalui
undian dalam jemaah Tuhan.

⁶ “Jangan berkhotbah,” demikianlah khutbah
mereka.

“Orang tidak patut berkhotbah fasal hal-hal itu.
Semoga aib tidak akan menimpa kita.”

⁷ Patutkah hal ini dikatakan, wahai keturunan
kaum Yakub?

“Adakah kini Roh Tuhan kurang sabar? Seperti
inikah perbuatan-Nya?”

“Bukankah firman-Ku mendatangkan kebaikan
bagi orang yang hidup jujur?

⁸ Kebelakangan ini umat-Ku bangkit seperti
musuh.

Kamu melucuti jubah daripada busana orang yang berlalu dengan aman, yang menolak peperangan.

⁹ Kamu mengusir kaum perempuan di antara umat-Ku

dari rumah-rumah kesayangan mereka.

Daripada bayi-bayi mereka kamu renggut buat selama-lamanya kemuliaan yang telah Kuberikan kepada mereka.

¹⁰ Segeralah pergi, kerana ini bukan lagi tempat untuk berehat.

Kerana kenajisan, kamu akan dibinasakan dengan kebinasaan yang amat sangat.

¹¹ Sekiranya ada orang yang menuruti kesia-siaan dan kebohongan sehingga dia berdusta:

‘Aku akan berkhotbah kepadamu tentang air anggur dan minuman keras,’

dialah yang akan menjadi pengkhotbah bagi bangsa ini!

Penyelamatan dijanjikan

¹² Aku pasti menghimpunkan kamu seluruhnya, wahai Yakub,

Aku pasti mengumpulkan saki-baki orang Israel.

Aku akan menempatkan mereka bersama-sama seperti kawanan domba di dalam kandang,

seperti kawanan ternak di tengah-tengah padangnya.

Akan ada ramai sekali manusia di tempat itu!

¹³ Dia yang membuka jalan akan maju di depan mereka.

Mereka akan menerobos melalui pintu gerbang, dan keluar dari situ.

Raja mereka akan berjalan di depan mereka, yakni Tuhan yang mengepalai mereka.”

Kecaman terhadap pemimpin yang mungkar

3 ¹ Kataku: Dengarlah, wahai para ketua keturunan kaum Yakub dan para pemimpin keturunan kaum Israel!

Bukankah kamu sepatutnya tahu apa itu keadilan?

² Wahai kamu yang membenci kebaikan dan mencintai kejahatan, yang merompak kulit daripada tubuh orang dan daging daripada tulang-tulang mereka.

³ Kamu yang memakan daging bangsaku dan menyiat kulit mereka.

Kamu mematahkan tulang-tulang mereka dan membahagi-bahaginya seolah-olah di dalam periuk, seolah-olah daging di dalam kawah.

⁴ Maka mereka akan berseru kepada Tuhan, tetapi Dia tidak akan menjawab mereka.

Dia akan menyembunyikan wajah-Nya daripada mereka pada waktu itu, kerana perbuatan mereka jahat.

⁵ Beginilah firman Tuhan mengenai para nabi yang menyesatkan bangsaku.

Jika gigi mereka mendapat sesuatu untuk dikunyah,

maka mereka berseru, "Damai!"

Kalau orang tidak menyuapkan sesuatu ke dalam mulut mereka,

maka mereka siap berperang dengannya.

⁶ "Oleh sebab itu, akan ada malam bagimu, sehingga kamu tidak mendapat penglihatan.

Akan ada kegelapan bagimu sehingga kamu tidak dapat menenung.

Matahari akan terbenam bagi para nabi itu, hari akan menggelap bagi mereka.

⁷ Akan aiblah para pelihat dan para penilik akan mendapat cela;

mereka semua akan menutup mulut mereka kerana tidak ada jawapan daripada Allah."

⁸ Tetapi aku ini penuh dengan kuasa, dengan Roh Tuhan,

dengan keadilan, dan dengan keperkasaan, untuk mengisytiharkan kepada Yakub segala pelanggaran,

dan kepada Israel segala dosanya.

⁹ Dengarlah hal ini, wahai para ketua keturunan kaum Yakub

dan para pemimpin keturunan kaum Israel, yang memandang keji keadilan dan yang membengkokkan segala yang lurus.

¹⁰ Kamu membina Sion dengan penumpahan darah dan Yerusalem dengan kezaliman.

¹¹ Para ketuanya memutuskan hukum demi rasuah,

para imamnya mengajar demi bayaran, dan para nabinya menenung demi wang.

Tetapi mereka juga bersandar kepada Tuhan dan berkata,

“Bukankah Tuhan ada di tengah-tengah kita? Tidak ada malapetaka yang akan menimpa kita.”

¹² Jadi, kerana kamulah Sion akan dibajak seperti ladang,

Yerusalem akan menjadi timbunan puing, dan gunung tempat Bait Suci akan menjadi bukit berhutan.

Gunung persemayaman Tuhan

4 ¹ Pada hari-hari terakhir gunung tempat Bait Tuhan akan ditegakkan sebagai puncak semua gunung

dan akan ditinggikan melebihi bukit-bukit,
dan orang akan berduyun-duyun ke sana.

² Banyak bangsa akan datang dan berkata,
“Mari kita naik ke gunung Tuhan, ke Rumah
Allah Yakub.

Dia akan mengajar jalan-jalan-Nya kepada kita,
sehingga kita dapat melangkah di jalan-jalan-
Nya.”

Sememangnya, hukum akan keluar dari Sion
dan firman Tuhan dari Yerusalem.

³ Dia akan menjadi hakim antara banyak suku
bangsa

dan akan memutuskan perkara bagi bangsa-
bangsa yang kuat sampai ke tempat yang
jauh.

Mereka akan menempa pedang mereka
menjadi mata bajak

dan tombak mereka menjadi pisau pemangkas.

Bangsa tidak akan lagi mengangkat pedang
terhadap bangsa

dan mereka tidak akan lagi belajar ilmu
peperangan.

⁴ Setiap orang akan duduk di bawah pokok
anggurnya

dan di bawah pokok aranya tanpa ada yang
mengusik,

kerana Tuhan alam semesta telah berfirman.

⁵ Sekalipun segala suku bangsa hidup dalam
nama tuhan masing-masing,
tetapi hidup kita akan tetap dalam nama Tuhan,
Allah kita,
untuk seterusnya dan selama-lamanya.

Tuhan **akan menyelamatkan Sion**

⁶ “Pada hari itu,” demikianlah firman Tuhan,
“Aku akan mengumpulkan orang yang tempang.
Aku akan menghimpunkan orang yang
telah diusir dan yang telah Kuberikan
penderitaan.

⁷ Orang yang tempang akan Kujadikan saki-baki
bangsa
dan kalangan yang terbuang Kujadikan bangsa
yang kuat.

Tuhan akan bertakhta atas mereka di Gunung
Sion

dari waktu itu untuk selama-lamanya.

⁸ Mengenai engkau, wahai Menara Kawan-an
Ternak, bukit puteri Sion,
kepadamu akan tiba dan akan datang
pemerintahan yang dahulu,
yakni kerajaan bagi puteri Yerusalem.”

⁹ Sekarang, mengapakah engkau berteriak
dengan kuat?

Tidak adakah lagi raja dalam kalanganmu?

Adakah penasihatmu sudah binasa sehingga
kamu dicengkam kesakitan
seperti perempuan yang mengalami sakit
pelahiran?

¹⁰ Menggeliatlah dan mengejanlah, wahai
puteri Sion,

seperti perempuan yang mengalami sakit
pelahiran,

kerana sekarang engkau harus keluar dari kota
dan berdiam di padang.

Engkau harus pergi sampai ke Babel, di sanalah
engkau akan diselamatkan,

di sanalah engkau akan ditebus Tuhan daripada
tangan para musuhmu.

¹¹ Sekarang banyak bangsa yang berkumpul
demi melawan engkau.

Mereka berkata, "Biarlah dia dinajiskan.

Biarlah mata kita puas memandangi Sion."

¹² Tetapi mereka tidak mengetahui fikiran

Tuhan dan tidak mengerti rancangan-Nya,
bahawa Dia akan menghimpunkan mereka
seperti berkas-berkas gandum ke tempat
pembantingan.

¹³ "Segeralah mengirik, wahai puteri Sion,

kerana tandukmu akan Kujadikan besi dan
kukumu akan Kujadikan tembaga.

Engkau akan menumbuk hancur banyak suku
bangsa.

Engkau akan mengkhuskan jarahan mereka
kepada Tuhan
dan kekayaan mereka kepada Tuhan semesta
bumi.”

Pemerintah yang kelak lahir di Betlehem

5 ¹ Sekarang berhimpunlah, wahai puteri yang
berpasukan,

pengepungan telah diadakan terhadap kita.
Dengan tongkat mereka akan menghentam
rahang orang yang memerintah Israel.

² “Tetapi engkau, wahai Betlehem Efrata,
yang teramat kecil untuk berada di antara
kaum-kaum Yehuda,
daripada kamu akan muncul bagi-Ku
seorang yang akan menjadi pemerintah di
Israel.

Asal-usulnya sudah sejak zaman dahulu, sejak
purbakala lagi.”

³ Oleh sebab itu, dia akan membiarkan mereka
sehingga tiba waktu perempuan yang dalam
pelahiran telah melahirkan.

Lalu saudara-saudaranya yang selebihnya akan
kembali kepada orang Israel.

⁴ Dia akan tampil dan akan menggembala
mereka dengan kekuatan Tuhan,

dalam keagungan nama Tuhan, Allahnya.
Mereka akan tinggal dengan selamat,
kerana pada waktu itu dia menjadi besar
sampai ke hujung bumi.

⁵ Dia ini akan menjadi sumber kesejahteraan.
Apabila orang Asyur masuk ke negeri kita
dan apabila mereka menginjak puri-puri kita,
maka kita akan mengangkat tujuh orang
gembala
dan lapan orang pemimpin manusia untuk
melawan mereka.

⁶ Dengan pedang mereka akan menguasai
Tanah Asyur
dan Tanah Nimrod di muka pintu gerbangnya.
Dia akan melepaskan kita daripada cengkaman
orang Asyur
apabila mereka masuk ke negeri kita
dan apabila mereka menginjak daerah kita.

⁷ Sisa Yakub akan ada di tengah-tengah banyak
bangsa
seperti embun daripada Tuhan,
seperti hujan ke atas tumbuh-tumbuhan yang
tidak menanti-nantikan sesiapa pun
dan tidak menunggu-nunggu anak-anak
manusia.

⁸ Sisa Yakub akan ada di antara bangsa-bangsa,

di tengah-tengah banyak suku bangsa,
seperti singa antara mergastua hutan,
seperti seekor singa muda antara kawanannya
domba.

Jika menerkam mangsa, ia akan menginjak-injak
serta mencabik-cabik tanpa ada yang
melepaskan mangsa itu.

⁹ Tanganmu akan ditinggikan mengatasi
lawan-lawanmu

dan semua musuhmu akan dilenyapkan.

¹⁰ “Pada hari itu akan terjadi,” demikianlah
firman Tuhan,

“Aku akan melenyapkan kuda-kudamu daripada
kalanganmu dan membinasakan segala
ratamu.

¹¹ Aku akan melenyapkan kota-kota negerimu
dan meruntuhkan kubu-kubumu.

¹² Aku akan melenyapkan sihir daripada
tanganmu

dan para peramal tidak akan ada lagi padamu.

¹³ Aku akan melenyapkan patung-patung
ukiranmu

dan tiang-tiang berhalamu daripada
kalanganmu.

Engkau tidak akan lagi sujud menyembah hasil
kerja tanganmu.

¹⁴ Aku akan mencabut patung berhala Asyera
kamu daripada tengah-tengahmu

dan memusnahkan kota-kotamu.

¹⁵ Aku akan melakukan pembalasan dalam murka dan amarah kepada bangsa-bangsa yang tidak mahu taat.”

Tuhan **menyatakan keburukan umat-Nya**

6 ¹ Dengarlah apa yang difirmankan Tuhan:
“Bangunlah, ajukanlah pembelaanmu di depan gunung.

Biarlah bukit mendengar suaramu.”

² Wahai gunung, dengarlah Tuhan menyatakan penunjuk keburukanmu, juga kamu, wahai alas-alas bumi yang kukuh, kerana Tuhan mempunyai perkara dengan umat-Nya.

Ia hendak berperkara dengan Israel.

³ “Wahai umat-Ku, apakah yang telah Kulakukan kepadamu?

Dengan apakah Aku telah melelahkan engkau?
Jawablah Aku!

⁴ Aku telah memimpin engkau keluar dari Tanah Mesir

dan menebus engkau dari tempat perhambaan. Aku telah mengutus sebagai pemimpinmu Musa, Harun, dan Miryam.

⁵ Wahai umat-Ku, ingatlah apa yang dirancang
oleh Balak, raja Moab,
dan apa yang dijawab kepadanya oleh Bileam
anak Beor.

Ingatlah perjalananmu dari Sitim sampai ke
Gilgal,
supaya kamu mengetahui perbuatan yang
benar daripada Tuhan.”

⁶ “Dengan apakah aku harus menghadap Tuhan
dan tunduk menyembah kepada Allah di
tempat yang tinggi?

Apakah aku harus menghadap Dia dengan
korban bakaran,
dengan anak lembu berumur satu tahun?

⁷ Adakah Tuhan berkenan kepada ribuan
domba jantan
atau kepada puluhan ribu aliran minyak?
Haruskah aku persembahkan anak sulungku
kerana pelanggaranku,
anak kandungku kerana dosaku sendiri?”

⁸ Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa
yang baik.

Dan apakah yang dituntut Tuhan daripadamu
selain menegakkan keadilan, mencintai
kesetiaan,

dan hidup dengan rendah hati di hadapan
Allahmu?

⁹ Suara Tuhan berseru-seru kepada kota itu –
adalah bijaksana untuk berkhidmat kepada
nama-Mu –

“Dengarlah bunyi tongkat dan Dia yang
menentukannya!

¹⁰ Dapatkah Aku lupakan harta kefasiqan di
rumah orang fasiq

dan takaran yang kurang dan terkutuk itu?

¹¹ Haruskah Aku benarkan neraca kefasiqan
dan pundi-pundi berisi batu timbangan tipu?

¹² Orang kayanya penuh dengan kekerasan.

Penduduknya berkata bohong dan lidah penipu
ada di dalam mulut mereka.

¹³ Oleh sebab itu Aku pun mulai mengazabkan
engkau dengan hebat,

menanduskan engkau kerana dosa-dosamu.

¹⁴ Engkau akan makan, tetapi tidak menjadi
kenyang,

rasa lapar tetap ada di dalam perutmu.

Engkau akan memindahkan barang, tetapi tidak
dapat menyelamatkannya,

apa yang kauselamatkan akan Kuserahkan
kepada pedang.

¹⁵ Engkau akan menyemai, tetapi tidak akan
menuai,

engkau akan mengirik buah zaitun, tetapi tidak akan diurap dengan minyaknya, engkau akan mengirik buah anggur, tetapi tidak akan meminum airnya.

¹⁶ Engkau berpegang teguh pada ketetapan-ketetapan Omri

dan segala perbuatan keluarga Ahab, engkau menuruti rancangan-rancangan mereka,

sehingga Aku menjadikan engkau suatu kengerian dan pendudukmu suatu cemuan.

Kamu akan menanggung celaan daripada umat-Ku.”

Mikha merintah kerana akhlak orang Israel

7 ¹ Malangnya aku!

Kerana keadaanku seperti keadaan setelah tamatnya masa pengumpulan buah-buahan musim panas, seperti keadaan setelah tamatnya masa pemetikan susulan buah anggur.

Tidak ada setandan anggur untuk dimakan atau buah ara pertama yang kusukai.

² Kalangan salih telah hilang dari bumi, tidak ada lagi yang tulus antara manusia.

Mereka semua mengancam dan menantikan darah,
setiap orang memburu saudaranya dengan jaring.

³ Kedua-dua belah tangan mereka terampil berbuat jahat,
para pembesar meminta hadiah,
para hakim menerima rasuah,
dan orang besar berbicara jahat sesuka hati.
Demikianlah mereka bermuafakat bersama-sama.

⁴ Orang yang terbaik di antara mereka seperti onak,
orang yang paling tulus bagai pagar duri.
Hari bagi para penjagamu, hari penghukumanmu, telah tiba.
Sekarang mereka akan menjadi keliru.

⁵ Janganlah percaya kepada jiran,
janganlah menaruh keyakinan kepada para sahabat.

Jagalah pintu mulutmu terhadap perempuan yang berbaring di pangkuanmu.

⁶ Anak laki-laki menghina ayahnya,
anak perempuan bangkit melawan ibunya,
menantu perempuan melawan ibu mertuanya.

Musuh seseorang ialah ahli keluarga rumahnya sendiri.

Pengharapan baru bagi Sion

⁷ Tetapi bagiku, aku akan menengadah kepada Tuhan.

Aku akan berharap kepada Tuhan,
Penyelamatku.

Allahku akan mendengar aku.

⁸ Janganlah bergembira atas aku, wahai musuhku.

Sekalipun aku jatuh, aku akan bangun pula.

Sekalipun aku duduk dalam kegelapan, Tuhan akan menjadi cahaya bagiku.

⁹ Aku akan menanggung murka Tuhan, kerana aku telah berdosa terhadap-Nya, sampai Dia memperjuangkan perkaraku dan menegakkan keadilan bagiku.

Dia akan membawa aku keluar kepada cahaya.

Aku akan melihat keadilan-Nya.

¹⁰ Musuhku akan melihatnya dan akan diselubungi malu,

dia yang berkata kepadaku, “Di manakah Tuhan, Allahmu?”

Mataku akan memandangi dia.

Pada waktu itu dia akan diinjak-injak seperti lumpur di jalan.

¹¹ Akan datang hari untuk membangunkan tembokmu!

Pada hari itu perbatasanmu akan diperluas.

¹² Pada hari itu orang akan datang kepadamu dari Asyur dan dari kota-kota Mesir – dari Mesir sampai Sungai Efrat – dari laut ke laut dan dari gunung ke gunung.

¹³ Tetapi bumi akan menjadi tandus kerana penduduknya, kerana hasil perbuatan mereka.

Doa meminta tindakan Allah

¹⁴ Gembalakanlah umat-Mu dengan tongkat-Mu, domba-domba harta pusaka-Mu, yang terpencil mendiami rimba di tengah-tengah Karmel.

Biarlah mereka merumput di Basan dan di Gilead, seperti pada zaman dahulu.

¹⁵ “Seperti pada waktu engkau keluar dari Tanah Mesir, Aku akan memperlihatkan kepada mereka pelbagai keajaiban.”

¹⁶ Bangsa-bangsa akan melihatnya dan berasa malu atas segala keperkasaan mereka. Mereka akan menepakkan tangan ke mulut dan telinga mereka akan menjadi tuli.

¹⁷ Mereka akan menjilat debu seperti ular,
seperti binatang melata di bumi.

Mereka akan keluar dengan gementar dari
kubu mereka,
menghadap Tuhan, Allah kita, dengan gentar.
Mereka akan berasa takut terhadap Engkau.

¹⁸ Siapakah Allah yang seperti Engkau, yang
mengampunkan kesalahan,
dan yang menghapuskan pelanggaran daripada
sisa harta pusaka-Nya?

Dia tidak mempertahankan murka-Nya untuk
seterusnya, kerana Dia menyukai kasih
abadi.

¹⁹ Dia akan kembali mengasihani kita, Dia akan
menginjak-injak kesalahan kita.

Engkau akan membuang segala dosa kami ke
laut yang dalam.

²⁰ Engkau akan melimpahkan kesetiaan-Mu
kepada Yakub dan kasih abadi-Mu kepada
Abraham,

seperti yang telah Kaujanjikan dengan
bersumpah kepada nenek moyang kami
sejak zaman dahulu.

NAHUM

1 ¹ Pernyataan ilahi tentang Niniwe. Kitab penglihatan Nahum, orang Elkosh.

Kemurkaan Tuhan terhadap Niniwe

² Tuhan itu Allah yang cemburu.

Tuhan itu pembalas dan penuh dengan kemurkaan.

Tuhan membalas perbuatan para penentang-Nya

dan menyimpan kemurkaan terhadap para musuh-Nya.

³ Tuhan itu panjang sabar dan hebat kuasa-Nya.

Tuhan tidak sekali-kali membebaskan orang yang bersalah daripada menerima hukuman.

Jalan-Nya dalam angin puting beliung dan badai,

dan awan ialah debu kaki-Nya.

⁴ Dia mencela laut dan mengeringkannya, segala sungai dijadikan-Nya kering.

Basan dan Karmel merana, bunga-bunga Lebanon pun layu.

- ⁵ Gunung-gunung menggeletar di hadapan-Nya
dan remuklah bukit-bukit.
Bumi terlambung-lambung di hadapan-Nya,
dunia dan seluruh penduduknya.
- ⁶ Siapakah yang dapat bertahan di hadapan
kemurkaan-Nya?
Siapakah yang dapat menanggung bahang
amarah-Nya?
Murka-Nya tercurah seperti api,
batu-batuan dirobuhkan oleh-Nya.
- ⁷ Tuhan itu baik, Dialah benteng pada masa
kesesakan.
Dia mengenal mereka yang berlindung
pada-Nya.
- ⁸ Tetapi dengan banjir yang melanda Dia akan
sepenuhnya memusnahkan Niniwe.
Dia akan mengejar para musuh-Nya ke dalam
kegelapan.
- ⁹ Apa-apa sahaja rancanganmu melawan Tuhan
akan sama sekali ditamatkan-Nya.
Kesesakan tidak akan timbul dua kali.
- ¹⁰ Tentunya mereka akan dihabiskan sama
sekali bagai minuman para pemabuk,
bagai duri-duri yang berbelit-belit dan seperti
tunggul jerami kering.
- ¹¹ Daripadamu, wahai Niniwe, telah muncul
orang yang merancang kejahatan terhadap
Tuhan, yang memberikan nasihat dursila.

- ¹² Beginilah firman Tuhan,
“Sekalipun mereka kuat dan amat ramai sekali,
mereka akan tercantas dan lenyap.
Sekalipun Aku telah menderitakan kamu, wahai
Yehuda,
Aku tidak akan menderitakan kamu lagi.
- ¹³ Sekarang Aku akan mematahkan kuk Asyur
dari atasmu dan memutuskan tali-tali
pengikatmu.”
- ¹⁴ Tuhan membuat ketetapan tentang engkau,
wahai Niniwe,
“Tidak akan ada lagi penerus namamu.
Aku akan melenyapkan patung ukiran dan
patung tuangan di dalam kuil berhalamu.
Aku akan menyediakan kuburmu, kerana
engkau ini hina.”
- ¹⁵ Lihatlah, di atas gunung-gunung tampak kaki
orang yang membawa khabar baik, yang
mengkhabarkan kedamaian.
Rayakanlah hari-hari perayaan kamu, wahai
Yehuda, dan bayarlah nazarmu,
kerana orang dursila itu tidak akan melalui
kamu lagi,
mereka telah dilenyapkan sama sekali.

Pemusnahan Niniwe

2 ¹ Sudah tiba pihak yang mengucar-ngacirkan menentang kamu.

Jagalah kubu, intailah jalan, ikatlah pinggangmu, kerahkanlah kekuatanmu dengan bersungguh-sungguh!

² Tuhan akan memulihkan keagungan Yakub seperti keagungan Israel, kerana para penjarah telah menjarahnya dan memusnahkan cabang-cabangnya.

³ Perisai para kesaterianya merah, merah menyala pakaian anggota tenteranya yang gagah perkasa.

Berkilat-kilat memancar keluli pada rata-rata pada hari persiapannya.

Tombak-tombak sanubar diayunkan.

⁴ Rata-rata dipacu bergegas-gegas di jalan, berlari ke sana ke mari di lapangan.

Bercahaya-cahaya seperti obor, larinya seperti kilat.

⁵ Para perwiranya dikerahkan, mereka tersandung ketika mara.

Mereka bersegera ke tembok kota, dan alat pengepungan telah disiapkan.

⁶ Pintu-pintu gerbang dekat sungai terbuka, istana gempar.

⁷ Permaisuri ditelanjangi lalu dia dibawa pergi,

para dayangnya meratap dan mengerang
dengan suara seperti burung merpati,
sambil memukuli dada sendiri.

⁸ Niniwe seperti kolam air sejak zaman dahulu,
tetapi semuanya itu mengalir lenyap.

Orang berteriak, “Bertahan! Bertahan!”
tetapi tidak ada yang berpaling.

⁹ Rampaslah perak, rampaslah emas.

Tidak ada habisnya khazanah itu,
kelimpahan segala barang yang indah-indah.

¹⁰ Kosong, lengang, dan tandus!

Hati tawar, lutut berhantukan, nyeri sekejap
pinggang,

dan muka semua orang berubah menjadi pucat.

¹¹ Di manakah sarang singa, tempat singa muda
mencari makanan,

tempat singa jantan dan singa betina berjalan
dengan anak singa, tanpa ada yang
mengusik?

¹² Singa mencabik secukupnya bagi anak-
anaknya

dan mencekik mangsa bagi betina-betিনnya.

Singa memenuhi guanya dengan mangsa
dan sarangnya dengan daging yang dikoyak-
koyak.

¹³ “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu,”
demikianlah firman Tuhan alam semesta.

“Aku akan membakar rata-rata kamu sehingga
 menjadi asap
 dan pedang akan melahap singa-singa
 mudamu.
 Aku akan melenyapkan mangsamu daripada
 muka bumi
 dan suara para utusanmu tidak akan
 kedengaran lagi.”

Kota Niniwe binasa

3 ¹ Malangnya kota pertumpahan darah,
 yang sarat dengan pembohongan dan
 penjarahan.

Terkaman juga tidak berkesudahan!

² Ada bunyi cemeti dan bunyi gemuruh roda.
 Kuda melompat,
 rata-rata yang melonjak.

³ Kemaraan pasukan berkuda,
 pedang menyala-nyala,
 dan tombak berkilat-kilat.

Banyak yang terbunuh dan bangkai bertimbun-
 timbun;

Mayat terus tidak terputus-putus, tersandung
 orang pada mayat-mayat itu!

⁴ Semua itu kerana teramat banyaknya
 kemungkaran si perempuan pelacur,
 yang cantik, lemah gemalai dan berdaya tarikan
 maut,

yang menjual bangsa-bangsa dengan
kemungkarannya

dan pelbagai kaum dengan perdayaannya.

⁵ “Sesungguhnya, Aku akan menjadi lawanmu,”
demikianlah firman Tuhan alam semesta.

“Aku akan menyingkapkan hujung kainmu
sampai ke mukamu.

Aku akan memperlihatkan ketelanjangan kamu
kepada bangsa-bangsa dan aibmu kepada
kerajaan-kerajaan.

⁶ Aku akan melemparkan segala kotoran dan
yang cabul kepadamu.

Aku akan menghina engkau dan membuat
kamu menjadi bahan tontonan.

⁷ Semua yang memandang engkau akan lari
meninggalkan kamu sambil berkata,

‘Niniwe sudah rosak!

Siapa akan meratapinya?’

Dari manakah harus kucari para penghibur
buatmu?”

⁸ Adakah engkau lebih baik daripada Tebe,
kota di pesisir Sungai Nil,
yang dikelilingi air?

Bentengnya ialah laut,
temboknya ialah air.

⁹ Kush dan Mesir ialah kekuatannya
tanpa terbatas.

Put dan Libia para pembantunya.

¹⁰ Tetapi dia sendiri dibuang negeri,
ke tempat penawanan.

Bayi-bayinya pun dihempaskan
di hujung segala jalan.

Orang mencabut undi atas para orangnya yang
mulia,

semua pembesarnya diikat dengan rantai.

¹¹ Engkau pun akan menjadi mabuk,
engkau akan bersembunyi.

Engkau pun akan mencari tempat berlindung
daripada musuh.

¹² Segala kubumu seperti pokok ara dengan
buah-buah hasil pertamanya.

Jika digoncang, maka jatuhlah buahnya ke
dalam mulut si pemakannya.

¹³ Lihat, pasukanmu seperti perempuan sahaja
di tengah-tengahmu.

Pintu-pintu gerbang negerimu terbuka lebar
untuk para musuhmu.

Palang-palang pintumu dimakan api.

¹⁴ Timbalah air untuk menghadapi masa
pengepungan, kukuhkanlah kubu-
kubumu!

Pijaklah tanah liat,
injak-injaklah lumpur,
peganglah cetakan batu bata.

¹⁵ Di sana api akan melahap kamu.
Pedang akan melenyapkan kamu

dan memakan engkau seperti belalang pelahap.
Gandakan bilangan kamu seperti belalang
pelahap,
ramaikan bilangan kamu seperti belalang
besar!

¹⁶ Engkau memperbanyak pedagangmu
melebihi bintang-bintang di langit.

Belalang pelahap telah menyerbu lalu terbang.

¹⁷ Para bangsawan kamu seperti belalang besar,
para pegawai kamu seperti kawanan belalang
yang hinggap di pagar pada hari dingin.

Ketika matahari terbit mereka lari menghilang,
tidak diketahui lagi di mana tempatnya.

¹⁸ Para gembalamu ketiduran, wahai raja Asyur!
Para pemukamu tertidur.

Pasukanmu berserakan di gunung-gunung
tanpa ada yang mengumpulkan mereka.

¹⁹ Tidak ada kesembuhan bagi lukamu,
cederamu berat.

Semua orang yang mendengar khabar tentang
kamu bertepuk tangan kerana engkau,
sebab siapakah yang tidak dilanda oleh
kejahatanmu yang terus-menerus itu?

HABAKUK

1 ¹ Pernyataan ilahi yang diperlihatkan kepada Nabi Habakuk.

Keluhan Habakuk

² Berapa lama lagi, ya Tuhan, harus aku berteriak meminta tolong, tetapi Engkau tidak mahu mendengar? Adakah aku perlu menjerit “Keganasan!” kepada-Mu, namun Engkau tidak mahu menyelamatkan?

³ Mengapakah Engkau membuat aku melihat kejahatan dan memandang kezaliman? Penjarahan dan keganasan terjadi di hadapanku.

Persengketaan dan perbalahan berterusan.

⁴ Maka hukum itu pincang dan keadilan tidak pernah muncul.

Angkara kalangan fasiq mengepung orang benar;

maka keadilan yang muncul itu diputarbalikkan.

Hukuman Tuhan melalui orang Kasdim

⁵ “Lihatlah di antara bangsa-bangsa dan ceraplah dengan teliti.

Kamu akan tercengang kehairanan kerana pada zamanmu apa yang Kulakukan kini tidak akan kamu percayai walaupun diterangkan kepadamu.

⁶ Sesungguhnya, Aku membangkitkan orang Kasdim,

bangsa yang garang dan tangkas, yang menjelajahi luasnya bumi untuk merampas tempat kediaman yang bukan milik mereka.

⁷ Bangsa itu dahsyat dan menakutkan. Keadilan dan keluhuran mereka muncul daripada diri mereka sendiri.

⁸ Kuda mereka lebih tangkas daripada harimau bintang

dan lebih garang daripada serigala pada malam hari.

Pasukan berkuda mereka melompat, ya, pasukan berkuda mereka datang dari jauh dan terbang seperti burung nasar yang menyambar mangsa dengan cepat.

⁹ Mereka semua datang demi penjarahan,

terpancar tekad kuat pada setiap wajah.
Semudah mengaut butiran pasir mereka
mengumpulkan tawanan perang.

¹⁰ Mereka mencemuh para raja, dan
mentertawakan para pemerintah.
Mereka mentertawakan setiap kota yang
berkubu.

Mereka menimbun tanggul tanah, lalu
menawannya.

¹¹ Kemudian, laksana tiupan angin, mereka
bergegas pergi.

Kesalahan mereka ialah kerana mendewa-
dewakan kekuatan diri sendiri.”

¹² Ya Tuhan, bukankah Engkau sememangnya
ada sejak zaman-berzaman,
Allahku Yang Maha Suci? Kami tidak akan mati.
Ya Tuhan, Engkau telah menentukan mereka
sebagai bukti penghakiman.

Ya Batu Pejal kami, Engkau telah menetapkan
mereka untuk menerima teguran-Mu.

¹³ Mata-Mu terlalu suci untuk melihat
kejahatan
dan Engkau tidak dapat memandang kezaliman.
Mengapakah Engkau hanya melihat
pengkhianatan mereka
dan berdiam diri ketika orang fasiq menelan
orang yang lebih benar daripadanya?

¹⁴ Engkau menjadikan manusia seperti ikan di laut,
seperti binatang-binatang melata yang tidak mempunyai pemerintah.

¹⁵ Dia menarik mereka semua dengan kail,
menyeret mereka dengan jaring
lalu mengumpulkan mereka dalam pukatnya
lantas dia bersuka ria dan bergembira.

¹⁶ Itulah sebabnya dia mempersembahkan
korban bagi jaringnya
dan membakar dupa bagi pukut tariknya,
kerana semua peralatannya itu
membolehkannya mendapat bahagian
yang lumayan dan makanan yang mewah.

¹⁷ Sebab itukah dia dapat terus mengosongkan
jaring
dan terus membunuh bangsa-bangsa tanpa
belas kasihan?

Orang benar akan hidup dengan imannya

2 ¹ Aku akan berdiri di tempat kawalanku
dan mengambil tempat di atas kubu.
Aku mahu meninjau untuk melihat apa yang
akan difirmankan-Nya kepadaku
dan apa yang harus kujawab apabila Dia
menghujah pengaduanku.

² Lalu Tuhan menjawab aku demikian,

“Tulislah penglihatan itu dengan jelas pada papan-papan loh, supaya orang yang berlari pun dapat membacanya.

³ Memang penglihatan itu masih menanti waktu pernyataannya, tetapi akan segera menuju kesudahannya tanpa berdusta.

Kalaupun tampak seperti lambat, tetap nantikannya, kerana pasti akan ternyata juga dan tidak akan berlengah.

⁴ Sesungguhnya, orang yang meninggikan diri tidak lurus hatinya, tetapi orang benar akan hidup dengan imannya.

⁵ Apatah lagi khianat memang sifat air anggur, si sombong yang tidak pernah tenang.

Besar sungguh nafsu serakahnya bak alam kubur,

bak maut yang tidak kenyang-kenyang, yang terus mengumpulkan

dan menghimpunkan segala bangsa dan suku bangsa.”

Sengsara menimpa umat Kasdim

⁶ Bukankah kesemua itu akan mengejeknya
dengan ibarat

dan teka-teki cemuhan terhadapnya yang
berbunyi,

‘Malangnya orang yang memperkaya diri
dengan apa-apa yang bukan miliknya
dan yang membebankan diri dengan barang
gadaian!

Berapa lama lagikah sedemikian?’

⁷ Bukankah dalam sekejap mata akan bangkit
para pemiutang yang menggigit engkau
dan akan terjaga kalangan yang membuat
engkau gementar?

Engkau akan menjadi jarahan bagi mereka!

⁸ Atas engkau yang telah menjarah banyak
bangsa,
segala suku bangsa yang tersisa akan menjarah
engkau,

atas sebab darah manusia yang tertumpah itu
dan lantaran keganasan terhadap negeri, kota,
dan seluruh penduduknya itu.

⁹ Malangnya dia yang mengejar laba haram
bagi isi rumahnya!

Orang itu bermaksud meninggikan kedudukan
sarangnya

agar terlepas daripada jangkauan malapetaka.

¹⁰ Engkau telah menetapkan keaiban atas isi rumahmu dengan memangkas banyak suku bangsa.

Engkau telah berdosa terhadap dirimu sendiri.

¹¹ Batu daripada tembok akan berseru-seru dan alang daripada rangka rumah akan menyahut jawabannya.

¹² Malangnya orang yang mendirikan kota dengan penumpahan darah dan yang mengasaskan kota berdasarkan kezaliman!

¹³ Sesungguhnya, bukankah atas penentuan Tuhan alam semesta, bahawa bangsa-bangsa melelahkan diri untuk sesuatu yang akan dimakan api sahaja dan suku-suku bangsa meletihkan diri untuk sesuatu yang sia-sia sahaja?

¹⁴ Sememangnya bumi akan dipenuhi dengan pengetahuan tentang kemuliaan Tuhan seperti air meliputi lautan.

¹⁵ Malangnya orang yang memberikan sesamanya minuman bercampur bisa amarah demi memabukkan dia agar dapat melihat auratnya!

¹⁶ Engkau akan kenyang dengan keaiban yang menggantikan kehormatan.

Minumlah juga engkau dan jadilah seperti orang yang tidak bersunat!

Cawan di tangan kanan Tuhan akan beralih kepadamu

dan aib besar akan menimpa kehormatanmu.

¹⁷ Keganasan yang dilakukan terhadap Lebanon akan meliputi engkau

dan pemusnahan binatang-binatang akan mengejutkan engkau,

kerana darah manusia yang tertumpah itu dan kerana keganasan terhadap bumi, kota, dan seluruh penduduknya itu.

¹⁸ Apa faedahnya berhala walhal si pembentuknya yang mengukirnya atau patung tuangan yang mengajarkan dusta itu?

Pembentuknya percaya kepada barang yang dibentuknya sendiri,

padahal yang dibuatnya hanyalah berhala-berhala yang bisu.

¹⁹ Malangnya orang yang berkata kepada kayu, "Bangkitlah!"

atau kepada batu bisu, "Bertindaklah!"

Itukah pengajaranmu?

Lihat, benda itu hanya bersalut emas dan perak. Tidak ada roh sama sekali di dalamnya!

²⁰ Tetapi Tuhan hadir di dalam Bait-Nya yang suci.

Biarlah seluruh bumi berdiam diri di hadirat-Nya!

Doa Habakuk

3 ¹ Doa Nabi Habakuk menurut nada ratapan.
² Ya Tuhan, aku telah mendengar khabar tentang Engkau,

dan pekerjaan-Mu, ya Tuhan, sememangnya aku takuti.

Hidupkanlah pekerjaan-Mu kembali dalam zaman kami,

nyatakannya dalam tempoh kami;

tetapi dalam murka-Mu, ingatlah rahmat-Mu.

³ Allah datang dari Teman, Yang Maha Suci dari Gunung Paran. **Sela**

Kehebatan-Nya meliputi langit, dan bumi penuh dengan pujian kepada-Nya.

⁴ Ada cahaya seperti cahaya siang, ada sinar daripada tangan-Nya.

Di situlah terselubung kuasa-Nya.

⁵ Wabak penyakit mendahului-Nya berjalan, dan sampar mengikuti jejak langkah-Nya.

⁶ Bumi bergoyang tatkala Dia berdiri; gempar segala bangsa apabila Dia memandangi. Berkecai pecahnya gunung-gunung yang abadi, dan robohlah bukit-bukit purbakala.

Jalan-jalan yang kekal abadi itulah jalan-Nya.

⁷ Kulihat penderitaan melanda khemah-khemah orang Kusyan dan bergetarnya kain-kain khemah Tanah Midian.

⁸ Ya Tuhan, adakah kepada sungai-sungai tertujunya amarah-Mu?

Adakah Engkau geram terhadap laut, sehingga Engkau mengenderai kuda-kuda-Mu dan memacu rata kemenangan-Mu?

⁹ Engkau membuka sarung busur-Mu, Engkau memenuhinya dengan anak panah. **Sela** Engkau membelah bumi menjadi sungai-sungai.

¹⁰ Gunung-gunung gementar melihat Engkau, bergelora air bah yang mengalir ganas. Samudera memperdengarkan suaranya dan mengangkat tangannya tinggi-tinggi.

¹¹ Matahari dan bulan terpaku di langit oleh kilau kekerasan anak-anak panah-Mu, kerana kilat cahaya daripada tombak-Mu.

¹² Dalam murka Engkau melintasi bumi, dalam amarah Engkau menghenyak bangsa-bangsa itu.

¹³ Engkau maju untuk menyelamatkan umat-Mu, untuk menyelamatkan orang yang Kaulantik. Engkau meremukkan bumbung rumah orang fasiq

dan membongkar dasarnya sampai bahagian teratasnya. **Sela**

¹⁴ Engkau menikam ketua pasukannya dengan tombaknya sendiri.

Mereka datang seperti badai untuk menceraiberaikan kami,
yang bergembira seolah-olah hendak melahap orang yang tertindas secara tersembunyi.

¹⁵ Dengan kuda-kuda-Mu Engkau menginjak laut,

maka membuihlah limpahan air itu.

¹⁶ Ketika aku mendengarnya, gementarlah jiwa ragaku,

bergetar bibirku mendengar bunyinya.

Kereputan menulari seluruh anggotaku tewas kakiku lalu kurebah di tempatku.

Namun dengan tenang akan kunantikan hari kesesakan,

yang akan mendatangi bangsa yang bergerombol menyerang kami.

¹⁷ Sekalipun pokok ara tidak berbunga dan pokok anggur tidak berbuah,

biarpun hasil pokok zaitun mengecewakan dan ladang tidak menghasilkan bahan makanan,

sekalipun domba ghaib daripada kurungannya dan tidak ada lembu di dalam kandang,

¹⁸ aku akan bersuka ria kerana Tuhan

dan bergembira kerana Allah yang
menyelamatkan aku.

¹⁹ Allah Tuhan kekuatanku.

Dia membuat kakiku melangkah seperti kaki
rusa,

dan melancarkan jejakku di tempat-tempatku
yang tinggi.

(Untuk pemimpin biduan dengan alat muzik
bertali).

ZEFANYA

1 ¹ Inilah firman Tuhan yang turun kepada Zefanya anak Kusyi anak Gedalya anak Amarya anak Hizkia pada zaman pemerintahan Yosia anak Amon, raja Yehuda.

Penghakiman atas Yehuda

² “Aku akan melenyapkan sama sekali segala sesuatu daripada muka bumi,”
demikianlah firman Tuhan.

³ “Aku akan melenyapkan manusia dan binatang, burung di udara dan ikan di laut. Aku akan menumbangkan orang fasiq dan melenyapkan manusia daripada muka bumi,”
demikianlah firman Tuhan.

⁴ “Aku akan menjangkaukan tangan-Ku melawan Yehuda dan seluruh penduduk Yerusalem. Akan Kulenyapkan di tempat ini saki-baki Baal dan nama para imam berhala serta para imam;
⁵ juga kalangan yang sujud menyembah kepada cakerawala langit di atas atap-atap rumah;

dan kalangan yang sujud menyembah serta
bersumpah demi Tuhan,
tetapi bersumpah juga demi Milkom;
⁶ dan kalangan yang berpaling meninggalkan
Tuhan,
yang tidak mencari hadirat Tuhan dan tidak
mendapatkan petunjuk-Nya.

⁷ Berdiam dirilah di hadirat Tuhan Allah,
kerana hari Tuhan sudah dekat.

Sungguh, Tuhan telah menyiapkan upacara
korban,
dan telah menyucikan para undangan-Nya.

⁸ “Pada hari upacara korban Tuhan itu,
Aku akan menghukum para pembesar,
anak-anak raja, dan semua orang yang
memakai pakaian asing.

⁹ Pada hari itu Aku akan menghukum semua
orang yang melompati ambang pintu dan
yang memenuhi rumah tuan mereka
dengan keganasan serta tipu daya.”

¹⁰ “Pada hari itu juga,” demikianlah firman
Tuhan,

“akan terdengar teriakan dari Pintu Gerbang
Ikan,

raungan daripada kejiranan kota kedua itu,
dan bunyi keruntuhan sebegitu kuat dari
bukit-bukit.

¹¹ Meraung-raunglah, wahai penduduk Maktes,

kerana seluruh warga kaum pedagang sudah dikelukan dan telah lenyap semua pedagang perak.

¹² Pada waktu itu Aku akan menyuluh dan menggeledah Yerusalem dan menghukum orang yang bertunjang dalam kemungkaran mereka, yang berkata dalam hati mereka, 'Tuhan tidak akan berbuat baik dan tidak akan berbuat jahat.'

¹³ Kekayaan mereka akan dijarah dan rumah-rumah mereka akan punah-ranah. Mereka akan membangunkan rumah tetapi tidak akan menghuninya; mereka akan menanam kebun anggur tetapi tidak akan minum air anggurnya."

¹⁴ "Hari Tuhan yang besar itu sudah dekat, amat dekat dan sedang datang dengan sebegitu cepat.

Dengar, hari Tuhan itu pahit, kesateria pun akan memekik-mekik di dalamnya.

¹⁵ Hari itu hari kemurkaan, hari penderitaan dan pembinasaan, hari kehancuran dan kebinasaan, hari kegelapan dan kekelaman, hari berawan dan kelam pekat.

¹⁶ Hari peniupan sangkakala dan laungan perang

menentang kota-kota yang berkubu serta menara penjuru yang tinggi-tinggi.

¹⁷ Aku akan mendatangkan penderitaan atas manusia,

hinggakan mereka berjalan seperti orang buta, kerana mereka telah berdosa terhadap Tuhan. Darah mereka akan tertumpah seperti debu dan daging mereka seperti najis.

¹⁸ Perak ataupun emas mereka tidak mampu menyelamatkan mereka pada hari kemurkaan Tuhan.

Seluruh bumi habis dimamah oleh api cemburu-Nya,

kerana suatu kesudahan yang sungguh dahsyat akan diadakan-Nya terhadap seluruh penduduk bumi.”

Seruan untuk bertaubat

2 ¹ Berkumpullah bersama-sama, berkumpullah, wahai bangsa yang tidak tahu malu,

² sebelum ketetapan dijatuhkan, sebelum hari itu berlalu seperti sekam, sebelum murka Tuhan yang menyala-nyala datang menimpamu,

sebelum hari kemurkaan Tuhan datang
menimpamu.

³ Carilah hadirat Tuhan, wahai semua orang
yang rendah hati di negeri,
yang melaksanakan hukum-Nya.

Carilah perbenaran,^w
carilah kerendahan hati!

Siapa tahu kamu akan dilindungi pada hari
kemurkaan Tuhan.

Hukuman atas Filistin

⁴ Gaza akan ditinggalkan dan Askelon
dimusnahkan.

Orang Asdod akan terusir pada tengah hari
dan Ekron akan tercabut sampai ke
akar-akarnya.

⁵ Malangnya penduduk di pesisiran pantai,
bangsa Kreti!

Firman Tuhan menentang engkau, wahai
Kanaan, tanah orang Filistin,
“malah Aku akan membinasakan kamu,
sehingga tiada lagi pendudukmu!”

^w**2:3** Perbenaran: Perkataan ini antara maknanya merujuk kepada keadilan dan tindakan yang selaras dengan kehendak Tuhan.

2:4: Yes 14:29-31; Yer 47:1-7; Yeh 25:15-17; Yl 3:4-8; Am 1:6-8; Za 9:5-7.

⁶ Pesisir laut akan menjadi padang ragut yang berpondok bagi para gembala dan berkandang bagi kawanan domba.

⁷ Pesisir laut itu akan dimiliki oleh saki-baki keturunan kaum Yehuda, di sanalah mereka akan meragut rumput. Pada petang hari mereka akan berbaring di rumah-rumah Askelon, kerana Tuhan, Allah mereka, akan melawat mereka dan memulihkan keadaan mereka.

Hukuman atas Moab dan Amon

⁸ “Aku telah mendengar celaan Moab dan hujahan bani Amon.

Mereka itu telah mencela umat-Ku dan membesarkan diri terhadap daerah umat-Ku itu.

⁹ Oleh sebab itu demi Aku yang hidup,” demikianlah firman Tuhan alam semesta, Allah Israel,

“Moab akan menjadi seperti Sodom dan bani Amon seperti Gomora,

tempat yang penuh jelatang dan tempat
menggali garam,
tempat tandus untuk selama-lamanya.
Saki-baki daripada umat-Ku akan menjarah
mereka,
dan mereka menjadi harta pusaka bagi yang
terselamat daripada bangsa-Ku.”

¹⁰ Itulah bahagian mereka sebagai ganjaran
bagi keangkuhan mereka,
kerana mereka telah mencela
dan membesarkan diri terhadap umat milik
Tuhan alam semesta.

¹¹ Tuhan akan membuat mereka ketakutan,
kerana Dia akan melenyapkan segala tuhan di
bumi.

Semua bangsa daerah pesisir akan sujud
menyembah-Nya dari tempat masing-
masing.

Hukuman atas Kush dan Asyur

¹² “Wahai orang Kush, kamu juga akan mati
tertikam oleh pedang-Ku.”

¹³ Dan Dia akan menghulurkan tangan-Nya
melawan Tanah Utara dan membinasakan
Asyur.

2:12: Yes 18:1-7.

2:13: Yes 10:5-34; 14:24-27; Nah 1:1—3:19.

Dia akan menjadikan Niniwe tempat
termusnah, gersang seperti gurun.

¹⁴ Kawanan haiwan akan berbaring di
tengah-tengahnya,

iaitu segala jenis binatang liar.

Baik burung undan mahupun landak akan
bermalam di kepala-kepala tiangnya.

Suara nyanyi akan kedengaran di jendela dan
akan ada kemusnahan di ambang pintu,
kerana kayu araz telah terbongkar.

¹⁵ Itulah kota yang bersuka ria,
yang tinggal dengan aman,

yang berkata dalam hatinya,

“Aku, dan tidak ada yang lain!”

Betapa kemusnahan menyimpannya,
tempat berbaring bagi binatang-binatang liar.

Setiap orang yang melintasinya akan
mencemuh

dan mengibas-ngibaskan tangan.

Hukuman atas Yerusalem

3 ¹ Malangnya kota yang derhaka dan cemar,
kota yang penuh penindasan!

² Dia tidak mahu mendengar teguran sesiapa
pun,

dan tidak mahu menerima didikan.

Dia tidak percaya kepada Tuhan,
dan tidak datang untuk mendekati Allahnya.

³ Di tengah-tengahnya para pembesarnya
seperti singa yang mengaum-aum,
para hakimnya seperti serigala malam yang
tidak meninggalkan sebarang sisa untuk
keesokan harinya.

⁴ Para nabinya berbuat sewenang-wenang serta
khianat,
para imamnya mencemari apa yang suci, dan
memperkosa hukum.

⁵ Tuhan yang hadir di tengah-tengahnya,
sememangnya benar,
Dia tidak melakukan kezaliman.
Keadilan-Nya nyata setiap pagi,
Dia tidak pernah lalai.

Namun demikian, orang zalim tidak tahu malu.

⁶ “Aku telah melenyapkan bangsa-bangsa,
musnah sudah menara-menara penjuru
mereka.

Jalan-jalan mereka telah Kurosakkan,
sehingga tiada lagi yang melintasinya.
Kota-kota mereka telah dibinasakan,
sehingga tidak ada lagi orang,
tidak ada lagi penduduk.

⁷ Firman-Ku, ‘Tentu sekarang engkau akan takut
kepada-Ku
dan akan menerima pengajaran.
Dengan demikian tempat kediaman mereka
tidak akan dilenyapkan

selaras dengan segala yang Kutentukan atas mereka.’

Tetapi mereka semakin giat melakukan segala kemungkaran mereka.

⁸ Oleh sebab itu, nantikanlah Aku!”
demikianlah firman Tuhan.

“Akan tiba hari Aku akan bangkit untuk menjarah.

Telah Kuputuskan untuk mengumpulkan bangsa-bangsa

dan menghimpun kerajaan-kerajaan demi mencurahkan murka-Ku ke atas mereka, kerana dalam seluruh amarah-Ku yang menyala-nyala.

Seluruh bumi akan dimakan oleh keghairahan api cemburu-Ku.”

Janji penyelamatan

⁹ “Sungguh, pada waktu itu Aku akan mengubah bibir bangsa-bangsa menjadi bersih, supaya mereka semua dapat menyeru nama Tuhan

dan beribadat kepada-Nya dengan satu tekad.

¹⁰ Dari seberang sungai-sungai Kush, kalangan yang berdoa kepada-Ku, iaitu para umat-Ku yang tercerai-berai, akan membawa persembahan kepada-Ku.

¹¹ Pada hari itu engkau tidak akan diaibkan lagi oleh segala perbuatanmu yang derhaka terhadap Aku.

Pada waktu itu Aku akan menyingkirkan daripada tengah-tengahmu kalangan yang amat gembira dengan sifat riak mereka.

Engkau tidak akan menyombong lagi di atas gunung-Ku yang suci.

¹² Aku akan meninggalkan di tengah-tengahmu kalangan

umat yang rendah hati dan lemah.

Mereka akan berlindung dalam nama Tuhan.

¹³ Saki-baki orang Israel tidak akan melakukan kezaliman

dan tidak akan berkata dusta.

Lidah tipu daya tidak akan didapati di dalam mulut mereka.

Sungguh, mereka akan makan lalu berbaring tanpa ada yang mampu menakut-nakutkan mereka.”

¹⁴ Bersorak-sorailah, wahai puteri Sion!

Bersoraklah dengan gembira, wahai Israel!

Bersukacitalah dan bersuka rialah dengan seluruh hatimu,

wahai puteri Yerusalem!

¹⁵ Tuhan telah menyingkirkan hukumanmu,

dan Dia telah melenyapkan musuhmu.
Raja Israel, iaitu Tuhan, hadir di tengah-
tengahmu,
engkau tidak akan takut lagi kepada
malapetaka.

¹⁶ Pada hari itu akan dikatakan kepada
Yerusalem,

“Jangan takut, wahai Sion!

Jangan biarkan tanganmu lemah.

¹⁷ Tuhan, Allahmu,

hadir di tengah-tengahmu seperti kesateria
pembawa kemenangan.

Dengan penuh sukacita Dia akan bergirang
kerana engkau,

dan tenang berdiam kerana kasih-Nya.

Dengan sorak-sorai Dia akan bergembira kerana
engkau.”

¹⁸ “Aku akan mengumpulkan umat yang berasal
daripadamu,

yang pilu mengenangkan hari perayaan
yang telah menanggung beban celaan.

¹⁹ Sesungguhnya, pada waktu itu Aku

akan bertindak terhadap semua yang menindas
engkau.

Aku akan menyelamatkan yang tempang dan
mengumpulkan yang terbuang.

Rasa aib mereka akan Kuganti dengan
puji-pujian dan kemasyhuran di seluruh
bumi.

²⁰ Pada waktu itu Aku akan membawa kamu
pulang,

iaitu pada waktu Aku mengumpulkan kamu.

Aku akan menjadikan kamu termasyhur

dan terpuji di antara segala bangsa

di bumi pada waktu Aku memulihkan

keadaanmu di hadapan matamu sendiri,”
demikianlah firman Tuhan.

HAGAI

Arahan untuk membina semula Bait Suci

1 ¹ Pada hari pertama bulan keenam dalam tahun kedua pemerintahan Raja Darius, datanglah firman Tuhan menerusi Nabi Hagai sebagai perantara kepada pembesar negeri Yehuda iaitu Zerubabel anak Sealtiel, dan kepada imam besar iaitu Yosua anak Yozadak seperti begini:

² “Beginilah firman Tuhan alam semesta: Bangsa ini berkata: Sekarang belum lagi waktu untuk membina semula Bait Tuhan!” ³ Maka datanglah firman Tuhan dengan perantara Nabi Hagai: ⁴ “Sudah tibakah waktunya kamu mendiami rumah-rumah yang berpapan dengan baik walhal Bait ini terus usang dan terbiar dalam kerosakan? ⁵ Lalu, beginilah firman Tuhan alam semesta: Perhatikanlah keadaanmu!

⁶ Kamu menabur banyak, tetapi hasil tuaianmu sedikit sahaja. Kamu makan namun tidak berasa kenyang, dan kamu minum, tetapi tidak berasa puas. Kamu berpakaian namun badanmu tidak

terasa panas. Orang yang menerima upah pula menyimpan upahnya dalam karung yang berlubang-lubang! ⁷ Beginilah firman Tuhan alam semesta: Perhatikanlah keadaanmu! ⁸ Naiklah ke gunung, bawalah kayu dan bangunlah semula Bait itu; agar Aku bersukacita dengannya dan Aku dimuliakan, firman Tuhan.

⁹ Kamu mengharapkan banyak, tetapi lihatlah betapa sedikit sahaja hasilnya. Ketika kamu membawanya ke rumah, Aku yang menghembuskannya. Mengapa? Demikianlah firman Tuhan alam semesta. Sebabnya bait-Ku terus usang dan terbiar dalam kerosakan, walhal kamu sibuk menguruskan rumah masing-masing. ¹⁰ Oleh itu, langit menahan pengeluaran embunnya dan bumi menahan hasilnya. ¹¹ Aku mengundang kemarau untuk melanda ke atas negeri, ke atas pergunungan, ke atas hasil bijirin, ke atas air anggur baru, ke atas minyak, ke atas segala yang dihasilkan oleh tanah, ke atas manusia dan haiwan dan ke atas segala daya usaha dan hasil kerja kamu.”

¹² Lalu Zerubabel anak Sealtiel dan Yosua anak Yozadak, imam besar, dan semua saki-baki umat bangsa itu mematuhi seruan Tuhan, Allah mereka, dan juga perkhabaran Nabi Hagai, sebagaimana beliau diutus serta diperintahkan oleh Tuhan, Allah mereka; dan bangsa itu

pun takut kepada Tuhan. ¹³ Maka berkatalah Hagai, utusan Tuhan itu yang menyampaikan perkhabaran Tuhan kepada bangsa itu, yang berbunyi: “Aku menyertai kamu, demikianlah firman Tuhan.” ¹⁴ Lalu Tuhan mendorong semangat pembesar Yehuda iaitu Zerubabel anak Sealtiel, dan imam besar iaitu Yosua anak Yozadak, dan semangat seluruh saki-baki umat bangsa itu. Seterusnya mereka pun pergi untuk bekerja menyempurnakan Bait Tuhan alam semesta, Allah mereka, ¹⁵ pada hari kedua puluh empat dalam bulan keenam sewaktu tahun kedua pemerintahan Raja Darius.

Kemuliaan yang mendatang

2 ¹ Pada hari kedua puluh satu dalam bulan ketujuh itu, datanglah firman Tuhan dengan perantaraan Nabi Hagai: ² “Katakanlah begini kepada pembesar Yehuda, Zerubabel anak Sealtiel, dan kepada imam besar, Yosua anak Yozadak, dan kepada warga bangsa itu yang selebihnya: ³ Adakah antara kamu yang pernah melihat Bait ini dalam kemegahannya yang terdahulu? Pada pandangan kamu, bagaimanakah keadaannya sekarang? Bukankah di matamu, keadaannya sekarang langsung tidak

bererti sebagaimana keadaan terdahulunya?

⁴ Namun begitu, kuatkanlah hatimu, wahai Zerubabel, demikianlah firman Tuhan; kuatkanlah hatimu, wahai Yosua anak Yozadak, imam besar; kuatkanlah hatimu, wahai semua warga negeri sekalian, demikianlah firman Tuhan; berusaha, kerana Aku menyertai kamu, demikianlah firman Tuhan alam semesta. ⁵ Ini sejajar dengan ikatan perjanjian Aku dengan kamu sewaktu kamu keluar dari Mesir. Maka Roh-Ku berada di tengah-tengah kamu. Oleh itu, janganlah takut!

⁶ Sebabnya beginilah firman Tuhan alam semesta: Sekali lagi, dalam sedikit waktu lagi, Aku akan menggoncangkan langit dan bumi, laut dan darat. ⁷ Aku akan menggoncangkan segala bangsa, sehingga akan datang mengalir keinginan segala bangsa, maka akan Kupenuhi Bait ini dengan kemegahan, firman Tuhan alam semesta. ⁸ Perak itu milik-Ku dan emas itu milik-Ku, demikianlah firman Tuhan alam semesta. ⁹ Adapun bagi Bait ini, kemegahannya yang kemudian akan melebihi kemegahan terdahulunya, firman Tuhan alam semesta, dan di tempat ini akan Kuberikan damai sejahtera, demikianlah firman Tuhan alam semesta.”

¹⁰ Pada hari kedua puluh empat dalam bulan kesembilan sewaktu tahun kedua pemerintahan Raja Darius, datanglah firman Tuhan seperti yang berikut kepada Nabi Hagai: ¹¹ “Beginilah firman Tuhan alam semesta: Tanyakan para imam apakah peraturannya. ¹² Jika seseorang membawa daging suci dalam lipatan bajunya, lalu lipatan itu pula menyentuh roti atau sesuatu masakan atau air anggur atau minyak atau sesuatu barang makanan, apakah suci jadinya barang yang disentuh itu?” Lalu para imam itu menjawab, kata mereka: “Tidak!”

¹³ Berkatalah pula Hagai: “Jika seseorang yang terkena najis daripada mayat menyentuh semua barang yang tersebut itu, adakah menjadi najis barang yang disentuh itu?” Lalu para imam itu menjawab, kata mereka: “Tentunya menjadi najis semuanya.”

¹⁴ Maka berbicaralah Hagai, katanya: “Begitu jugalah dengan umat ini dan dengan bangsa di hadapan-Ku ini, demikianlah firman Tuhan, dan begitu jugalah halnya segala yang dibuat tangan mereka; dan apa yang dipersembahkan mereka di sana ialah najis belaka.”

¹⁵ “Maka sekarang, perhatikanlah bagaimana keadaan kamu mulai hari ini dan selanjutnya

sebelum orang meletakkan batu demi batu untuk pembinaan Bait Tuhan! ¹⁶ Semenjak itu dan seterusnya, satu timbunan hasil bijirin yang seharusnya sebanyak dua puluh sukatan, hanya ada sepuluh; dan ketika seseorang ke tempat pemerasan anggur untuk mencedok lima puluh sukatan air anggur, hanya ada dua puluh sukatan. ¹⁷ Aku timpakan petaka ke atas segala daya usaha kamu, iaitu bala penyakit bijirin dan melalui hujan batu; namun kamu tidak berbalik berdoa memohon bantuan-Ku, demikianlah firman Tuhan. ¹⁸ Perhatikanlah mulai hari ini dan selanjutnya iaitu dari hari kedua puluh empat bulan kesembilan, mulai hari peletakan asas Bait Tuhan ini, perhatikanlah. ¹⁹ Adakah benih semaian masih tersimpan di dalam bangsal? Ya, setakat ini pokok anggur dan pokok ara, pokok delima dan pokok zaitun belum lagi mengeluarkan buah. Namun bermula dari hari ini, Aku akan memberkati kamu!”

²⁰ Maka datanglah firman Tuhan buat kali keduanya kepada Hagai pada hari kedua puluh empat dalam bulan itu yang berbunyi:

²¹ “Katakanlah begini kepada Zerubabel, pembesar Yehuda: Aku akan menggoncangkan langit dan bumi. ²² Dan Aku akan menggulingkan raja-raja dari takhta mereka; Aku akan memusnahkan kekuasaan kerajaan bangsa-

bangsa dan akan menterbalikkan rata dan pengendalinya; kuda dan pengendalinya akan rebah dan mati, masing-masing oleh pedang temannya. ²³ Pada waktu itu, demikianlah firman Tuhan alam semesta, Aku akan mengambil engkau, wahai Zerubabel anak Sealtiel, hamba-Ku, demikianlah firman Tuhan, dan akan menjadikan engkau seperti cincin mohor; kerana Aku telah memilih kamu, demikianlah firman Tuhan alam semesta.”

ZAKHARIA

Seruan untuk bertaubat

1 ¹ Pada bulan kelapan dalam tahun kedua zaman pemerintahan Darius, datanglah firman Tuhan kepada Nabi Zakharia anak Berekhya anak Ido demikian, ² “Tuhan sangat murka kepada nenek moyangmu. ³ Oleh sebab itu katakanlah kepada bangsa ini: Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Kembalilah kepada-Ku,’ demikianlah firman Tuhan, ‘maka Aku akan kembali kepadamu,’ firman Tuhan alam semesta. ⁴ Janganlah seperti nenek moyangmu. Kepada mereka para nabi terdahulu telah berseru demikian: Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Berbaliklah dari jalan hidupmu yang jahat dan daripada segala perbuatanmu yang jahat!’ Namun demikian, mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu memperhatikan Aku, demikianlah firman Tuhan. ⁵ Nenek moyangmu, di manakah mereka? Para nabi, adakah mereka hidup selama-lamanya? ⁶ Bukankah firman dan ketetapan yang telah Kuperintahkan melalui para

nabi, hamba-hamba-Ku, telah sampai kepada nenek moyangmu?

Lalu mereka bertaubat dan berkata, 'Tuhan alam semesta, telah bertindak atas kita setimpal dengan perilaku dan perbuatan-perbuatan kita, seperti yang dikehendaki-Nya.' "

Penglihatan pertama: Penunggang kuda

⁷ Pada hari kedua puluh empat bulan kesebelas, yaitu bulan Syebat, pada tahun kedua pemerintahan Darius, datanglah firman Tuhan kepada Nabi Zakharia anak Berekhya anak Ido. Kata Zakharia, ⁸ "Dalam suatu penglihatan pada malam hari, kulihat seorang lelaki menunggang kuda berwarna perang kemerah-merahan. Dia berdiri di antara pokok murad di dalam jurang, sementara di belakangnya ada beberapa ekor kuda berwarna merah, merah perang, dan putih."

⁹ Aku bertanya, "Apakah erti semua ini, ya tuanku?"

Sahut malaikat yang berbicara denganku, "Aku akan menunjukkan kepadamu apa erti semua ini."

¹⁰ Kemudian orang yang berdiri di antara pokok murad itu berkata, "Mereka ini diutus Tuhan untuk membuat rondaan di bumi."

¹¹ Mereka pun berbicara kepada malaikat Tuhan yang berdiri di antara pokok murad itu, “Kami sudah menjelajahi bumi. Sesungguhnya, seluruh bumi tenang dan sentosa.”

¹² Lalu malaikat Tuhan bersabda, “Ya Tuhan alam semesta, berapa lama lagikah Yerusalem dan kota-kota Yehuda tidak Kaukasihani? Mereka telah Kaumurkai selama tujuh puluh tahun.”

¹³ Maka Tuhan menjawab malaikat yang berbicara dengan aku itu dengan kata-kata yang baik serta menghiburkan.

¹⁴ Malaikat yang berbicara dengan aku itu berkata kepadaku, “Serukanlah ini: Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Aku begitu cemburu kerana Yerusalem dan kerana Sion, ¹⁵ tetapi Aku sangat murka kepada bangsa-bangsa yang takbur. Ketika Aku murka sedikit sahaja, mereka malah menjadikan keadaan lebih teruk bagi diri mereka sendiri.’

¹⁶ Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan, ‘Aku kembali lagi kepada Yerusalem dengan penuh rahmat. Bait-Ku akan dibangun di dalamnya,’ demikianlah firman Tuhan alam semesta, ‘dan tali pengukur akan direntangkan atas Yerusalem.’

¹⁷ Serukanlah pula: Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Kota-kota-Ku akan kembali dilimpahi kemakmuran. Tuhan akan kembali menghibur Sion dan memilih Yerusalem.’ ”

Penglihatan kedua: Empat tanduk dan empat orang tukang besi

¹⁸ Aku melayangkan pandang, lalu kulihat ada empat batang tanduk. ¹⁹ Aku pun bertanya kepada malaikat yang berbicara denganku itu, “Apakah erti semua ini?”

Jawabnya kepadaku, “Ini ialah tanduk-tanduk yang telah menyerakkan Yehuda, Israel, dan Yerusalem.”

²⁰ Kemudian Tuhan memperlihatkan kepadaku empat orang tukang besi. ²¹ Aku pun bertanya, “Apakah yang akan dilakukan oleh mereka yang datang ini?”

Jawabnya, “Ini tanduk-tanduk yang telah menyerakkan Yehuda sehingga tiada seorang pun dapat mengangkat kepalanya. Namun demikian, mereka ini datang untuk menggerunkan orang itu untuk menghempaskan tanduk-tanduk daripada bangsa-bangsa yang telah mengangkat tanduk terhadap Tanah Yehuda untuk menyerakkannya.”

Penglihatan ketiga: Seorang dengan tali pengukur

2 ¹ Aku melayangkan pandang dan melihat seseorang lelaki yang memegang tali pengukur. ² Lalu aku bertanya, “Ke manakah engkau hendak pergi?”

Jawabnya kepadaku, “Hendak mengukur Yerusalem, untuk mengetahui berapakah lebar dan panjangnya.”

³ Sementara malaikat yang berbicara dengan aku itu melangkah maju, satu malaikat lain maju pula menemui dia. ⁴ Kepadanya dikatakan, “Larilah, katakanlah kepada pemuda itu, ‘Yerusalem akan berdiri seperti kampung tidak bertembok kerana ramainya manusia dan binatang di dalamnya. ⁵ Aku sendiri akan menjadi tembok api di sekelilingnya,’ demikianlah firman Tuhan. ‘Aku akan menjadi kemuliaan di tengah-tengahnya.’ ”

Orang buangan dipanggil pulang

⁶ “Ayuh! Ayuh! Larilah dari Tanah Utara,” demikianlah firman Tuhan, “kerana Aku telah menceraikan-beraikan kamu ke arah empat mata angin,” demikianlah firman Tuhan.

⁷ “Ayuh, Sion! Selamatkanlah diri, wahai kamu yang tinggal bersama-sama puteri Babel!”

⁸ Beginilah firman Tuhan alam semesta – yang demi kemuliaan-Nya telah mengutus aku – tentang bangsa-bangsa yang menjarah kamu, kerana siapa menyentuh kamu, menyentuh apa yang disayangi-Nya. ⁹ “Sesungguhnya, Aku akan menggerakkan tangan-Ku terhadap mereka sehingga mereka menjadi jarahan bagi orang

yang dahulunya takluk di bawah mereka.” Maka kamu akan tahu bahawa Tuhan alam semesta, telah mengutus aku.

¹⁰ “Wahai puteri Sion, bersorak-sorailah dan bersukacitalah. Sesungguhnya, Aku akan datang dan bersemayam di tengah-tengah kamu,” demikianlah firman Tuhan.

¹¹ “Pada waktu itu banyak bangsa akan mengikatkan diri kepada Tuhan dan menjadi umat-Ku, lalu Aku akan bersemayam di tengah-tengah kamu.” Maka engkau akan tahu bahawa Tuhan alam semesta telah mengutus aku kepadamu. ¹² Tuhan akan memiliki Yehuda sebagai bahagian-Nya di tanah suci dan akan memilih Yerusalem lagi.

¹³ Wahai segala makhluk, berdiam dirilah di hadapan Tuhan, kerana Dia telah bangkit dari tempat kediaman-Nya yang suci!

Penglihatan keempat: Imam Besar Yosua

3 ¹ Seterusnya aku lihat Imam Besar Yosua yang sedang berdiri di hadapan malaikat Tuhan, sementara Iblis berdiri di sebelah kanannya untuk menuduhnya. ² Firman Tuhan kepada Iblis, “Tuhan mengherdik engkau, wahai Iblis! Tuhan, yang memilih Yerusalem, mengherdik engkau!

Bukankah dia ini sisa kayu yang direnggut dari dalam api?”

³ Yosua mengenakan pakaian yang kotor ketika dia berdiri di hadapan malaikat itu. ⁴ Lalu malaikat itu bersabda kepada mereka yang berdiri di hadapannya, “Tanggalkanlah pakaian yang kotor itu daripadanya.”

Dia bersabda pula kepada Yosua, “Lihat, aku telah menjauhkan kesalahanmu, dan aku akan mengenakan pakaian pesta kepadamu.”

⁵ Kemudian aku berkata, “Pakaikanlah serban yang bersih di kepalanya!” Maka mereka memakaikan serban yang bersih di kepalanya, juga mengenakan pakaian kepadanya, sementara malaikat Tuhan berdiri di situ.

⁶ Malaikat Tuhan memperingatkan Yosua, sabdanya, ⁷ “Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Jika engkau hidup menurut jalan-jalan-Ku dan jika engkau memegang teguh kewajibanmu terhadap Aku, maka engkau akan menjadi hakim di Bait-Ku dan akan mengurus pelataran-Ku. Aku akan mengurniakan kepadamu tempat dalam kalangan yang hadir ini. ⁸ Dengarlah, wahai Imam Besar Yosua, baik engkau mahupun kawan-kawanmu yang duduk di hadapanmu – kerana merekalah orang yang

menjadi lambang kerana, sesungguhnya, Aku akan mendatangkan hamba-Ku, Sang Tunas. ⁹ Lihatlah permata yang telah Kuletakkan di hadapan Yosua itu! Pada permata yang satu itu ada tujuh mata. Sesungguhnya, Aku akan membuat ukiran di atasnya,’ demikianlah firman Tuhan alam semesta, ‘dan Aku akan menghapuskan kesalahan negeri ini dalam satu hari sahaja. ¹⁰ Pada waktu itu,’ demikianlah firman Tuhan alam semesta, ‘setiap orang daripada kamu akan mengundang kawannya duduk di bawah pokok anggur dan di bawah pokok ara.’ ”

Penglihatan kelima: Kaki pelita emas

4 ¹ Kemudian kembalilah malaikat yang berbicara dengan aku itu lalu dibangunkannya aku, seperti seseorang yang dibangunkan dari tidurnya. ² Dia bertanya kepadaku, “Apakah yang kaulihat?”

Jawabku, “Aku melihat sebuah kaki pelita yang seluruhnya terbuat daripada emas, dengan tempat minyak di puncaknya. Padanya ada tujuh buah pelita dengan tujuh buah corong minyak di bahagian puncak setiap pelita. ³ Bersebelahannya

ada dua pokok zaitun, satu di sebelah kanan tempat minyak itu dan satu di sebelah kirinya.”

⁴ Lalu aku bertanya kepada malaikat yang berbicara dengan aku itu, “Apakah erti semua ini, tuanku?”

⁵ Malaikat yang berbicara dengan aku itu menjawab, “Tidakkah engkau tahu apa erti semua ini?”

Kataku, “Tidak, tuanku.”

⁶ Katanya kepadaku, “Inilah firman Tuhan kepada Zerubabel, ‘Bukan dengan kegagahan dan bukan dengan kekuatan, melainkan dengan Roh-Ku,’ firman Tuhan alam semesta. ⁷ Siapakah engkau, wahai gunung yang besar? Di hadapan Zerubabel engkau akan menjadi tanah datar. Dia akan membawa keluar batu utama di tengah-tengah pekik sorak, ‘Bagus, bagus sekali batu itu!’ ”

⁸ Kemudian firman Tuhan datang lagi kepadaku demikian, ⁹ “Tangan Zerubabel telah meletakkan dasar bait ini, dan tangannya pula yang akan menyelesaikannya. Maka engkau akan tahu bahawa Tuhan alam semesta, telah mengutus aku kepadamu.

¹⁰ Siapakah yang memandangi hari terjadinya hal-hal yang kecil? Mereka akan

bersukacita ketika melihat batu ladung di tangan Zerubabel.

Ketujuh-tujuh pelita ini adalah mata Tuhan yang menjelajahi seluruh bumi.”

¹¹ Lalu aku bertanya kepadanya, “Apakah erti dua pokok zaitun di sebelah kanan dan di sebelah kiri kaki pelita itu?”

¹² Untuk kali keduanya aku bertanya kepadanya, “Apakah erti dua cabang pokok zaitun yang berada di sisi kedua-dua pipa emas penyalur cairan emas itu?”

¹³ Jawabnya kepadaku, “Tidakkah engkau tahu apa erti semua ini?”

Katakau, “Tidak, tuanku.”

¹⁴ Lalu katanya, “Ini adalah kedua-dua orang yang telah diurapi lalu dilantik, yang berdiri berdekatan dengan Tuhan semesta bumi.”

Penglihatan keenam: Gulungan kitab yang terbang

5 ¹ Aku melayangkan pandangan lagi, lalu nampak sebuah gulungan kitab yang terbang. ² Seseorang bertanya kepadaku, “Apakah yang kaulihat?” Jawabku, “Aku melihat sebuah gulungan kitab yang terbang. Panjangnya dua puluh hasta dan lebarnya sepuluh hasta.”

³ Lalu dia berkata kepadaku, “Ini ialah kutukan yang keluar melanda seluruh negeri. Semua orang yang mencuri akan disingkirkan menurut tulisan di sisi yang satu, dan semua orang yang bersumpah akan disingkirkan menurut tulisan di sisi yang lain. ⁴ ‘Aku akan mengeluarkannya,’ demikianlah firman Tuhan alam semesta. ‘Kutukan itu akan masuk ke dalam rumah pencuri serta rumah orang yang bersumpah dusta demi nama-Ku. Kemudian kutukan itu akan tinggal di dalamnya serta menghancurkannya, baik kayu-kayunya mahupun batu-batunya.’ ”

Penglihatan ketujuh: Perempuan dalam keranjang

⁵ Malaikat yang berbicara dengan aku itu kemudian tampil dan berkata kepadaku, “Layangkanlah pandangan dan lihat apa yang muncul itu!”

⁶ Aku bertanya, “Apakah itu?”

Jawabnya, “Sebuah keranjang.” Katanya lagi, “Beginilah rupanya di seluruh negeri.”

⁷ Kemudian tampak tutup timah keranjang itu terangkat, dan terlihat seorang perempuan duduk di dalam keranjang itu.

⁸ Kata malaikat itu, “Itu ialah kefasiqan!” Lalu dia menghempaskan perempuan itu kembali ke dalam keranjang dan mencampakkan batu

timah itu ke mulut keranjang. ⁹ Setelah itu, aku melayangkan pandangan, dan tampak dua orang perempuan muncul dengan sayap-sayap mereka yang didorong oleh angin. Sayap mereka seperti sayap burung ranggung. Mereka mengangkut keranjang itu di antara langit dengan bumi.

¹⁰ Lalu aku bertanya kepada malaikat yang berbicara dengan aku itu, “Ke manakah mereka membawa keranjang itu?”

¹¹ Jawabnya kepadaku, “Ke Tanah Sinear, untuk membina sebuah rumah bagi perempuan itu. Setelah siap, dia akan ditempatkan di sana, di tempatnya sendiri.”

Penglihatan kelapan: Empat rata

6 ¹ Aku melayangkan pandang lagi, lalu tampak empat buah rata muncul dari antara dua buah gunung, dan gunung-gunung itu gunung gangsa. ² Rata pertama ditarik oleh pasangan kuda berwarna merah, rata kedua oleh kuda berwarna hitam, ³ rata ketiga oleh kuda putih, dan rata keempat oleh kuda bertompok – semuanya kuat-kuat belaka. ⁴ Lalu aku bertanya kepada malaikat yang berbicara dengan aku itu, “Apakah erti semua ini, tuanku?”

⁵ Malaikat itu pun menjawab aku, “Keempat-empat rata ini ialah empat roh dari langit yang keluar setelah menghadap Tuhan semesta bumi.

⁶ Rata dengan kuda hitam pergi menuju Tanah Utara, rata dengan kuda putih pergi menuju arah barat, manakala rata dengan kuda bertompok pula pergi menuju Tanah Selatan.”

⁷ Ketika semua kuda yang kuat itu keluar, tampak betapa kesemuanya tidak sabar untuk segera pergi menjelajahi bumi. Kata malaikat itu, “Pergilah, jelajahilah bumi!” Maka pergilah kesemua kuda itu menjelajahi bumi. ⁸ Kemudian Dia berseru kepadaku, “Lihat, kuda yang pergi menuju Tanah Utara itu telah menenangkan Roh-Ku di Tanah Utara.”

Kerajaan Sang Tunas di Yerusalem

⁹ Datanglah firman Tuhan kepadaku demikian, ¹⁰ “Ambillah persembahan daripada kalangan buangan, iaitu dari Heldai, Tobia, dan Yedaya, yang baru sahaja datang dari Babel, kemudian pergilah engkau pada hari ini juga ke rumah Yosia anak Zefanya. ¹¹ Ambillah perak dan emas, buatlah mahkota, lalu kenakanlah pada kepala Imam Besar Yosua anak Yozadak. ¹² Katakan kepadanya: Beginilah firman Tuhan alam

semesta, 'Inilah orang yang bernama Tunas. Dia akan bertunas dari tempatnya dan akan membangunkan Bait Suci Tuhan. ¹³ Dialah yang akan membina Bait Suci Tuhan, dan dia jugalah yang akan menerima kemuliaan serta duduk memerintah di atas takhtanya. Dia akan menjadi imam di atas takhtanya. Kesepakatan damai akan ada antara kedua-dua jawatan itu.' ¹⁴ Mahkota itu akan menjadi tanda peringatan di dalam Bait Suci Tuhan bagi Helem, Tobia, Yedaya, dan Hen anak Zefanya.

¹⁵ Kalangan dari jauh akan datang membina Bait Suci Tuhan." Maka kamu akan tahu bahawa Tuhan alam semesta, telah mengutus aku kepadamu. Hal ini akan terjadi jika kamu sungguh-sungguh mematuhi Tuhan, Allahmu.

Ibadat puasa yang baik

7 ¹ Pada tahun keempat dalam zaman pemerintahan Raja Darius, tepatnya pada hari keempat dalam bulan kesembilan, iaitu bulan Kislew, datanglah firman Tuhan kepada Zakharia.

² Pada waktu itu penduduk Betel telah mengutus Sarezzer dan Regem-Melekh serta orang mereka untuk memohonkan belas kasihan Tuhan ³ dengan bertanya kepada para imam di Bait Tuhan alam semesta, dan kepada para

nabi demikian, “Haruskah aku menangis dan berpantang pada bulan kelima, seperti yang telah kulakukan selama beberapa tahun ini?”

⁴ Maka datanglah firman Tuhan alam semesta, kepadaku demikian, ⁵ “Katakanlah kepada seluruh rakyat negeri dan kepada para imam, ‘Ketika kamu berpuasa dan meratap pada bulan kelima dan ketujuh selama tujuh puluh tahun ini, adakah kamu sungguh-sungguh berpuasa untuk Aku? ⁶ Ketika kamu makan dan minum, bukankah kamu makan dan minum untuk dirimu sendiri?”

⁷ Bukankah firman ini juga yang telah Tuhan serukan dengan perantaraan para nabi terdahulu ketika Yerusalem dengan kota-kota di sekelilingnya masih dihuni dan masih aman dan ketika Tanah Negeb dan kawasan tanah rendah masih dihuni orang?’ ”

⁸ Firman Tuhan datang kepada Zakharia demikian, ⁹ “Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Jalankan hukum dengan benar. Tunjukkanlah kasih dan sayang antara satu sama lain. ¹⁰ Janganlah menindas balu, anak yatim, pendatang, dan orang miskin. Janganlah merancang kejahatan dalam hatimu terhadap satu sama lain.’ ”

¹¹ Tetapi mereka menolak untuk memberikan perhatian. Mereka membalikkan punggung sebagai pembangkang dan memekakkan telinga

supaya tidak mendengar. ¹² Mereka menjadikan hati mereka sekeras intan supaya tidak mendengar hukum dan firman yang disampaikan Tuhan alam semesta, melalui Roh-Nya dengan perantaraan para nabi terdahulu. Oleh sebab itu datanglah murka yang besar daripada Tuhan alam semesta. ¹³ “Jadi, sebagaimana Aku berseru dan mereka tidak mahu mendengar, demikianlah mereka akan berseru dan Aku tidak mahu mendengar,” demikianlah firman Tuhan alam semesta. ¹⁴ “Dengan badai akan Kucerai-beraikan mereka ke antara segala bangsa yang tidak dikenali mereka, dan negeri yang ditinggalkan mereka akan menjadi musnah tanpa ada yang lalu-lalang di sana. Mereka membuat negeri yang indah itu termusnah.”

Penyelamatan bagi Israel

8 ¹ Datanglah firman Tuhan alam semesta, kepadaku demikian, ² “Beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Aku begitu terusik kerana cemburu-Ku terhadap Sion dan Aku sangat murka kerana cemburu-Ku terhadapnya. ³ Beginilah firman Tuhan, ‘Aku akan kembali ke Sion dan bersemayam di tengah-tengah Yerusalem. Dan Yerusalem akan disebut Kota Setia, manakala gunung Tuhan alam semesta, akan disebut Gunung Suci.’ ⁴ Beginilah firman Tuhan alam

semesta, 'Akan ada lagi golongan datuk dan nenek yang duduk di tempat-tempat umum di Yerusalem, masing-masing memegang tongkat kerana lanjut usianya. ⁵ Tempat-tempat umum kota itu akan penuh dengan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang bermain-main di situ.'

⁶ Beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Kalau hal itu ajaib bagi saki-baki umat ini pada masa ini, bukankah hal itu ajaib juga bagi-Ku?' demikianlah firman Tuhan alam semesta. ⁷ Beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Sesungguhnya, Aku akan menyelamatkan umat-Ku dari negeri sebelah timur dan dari negeri sebelah barat.

⁸ Akan Kubawa mereka pulang untuk tinggal di Yerusalem. Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku akan menjadi Allah mereka dalam kesetiaan dan kebenaran.'

⁹ Beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Kuatkanlah keyakinanmu, wahai kamu yang pada hari-hari ini mendengar firman ini, iaitu firman yang diucapkan oleh para nabi pada waktu dasar Bait Tuhan alam semesta, diletakkan untuk membina Bait Suci itu. ¹⁰ Sebelum hari-hari ini, tidak ada upah bagi manusia ataupun binatang. Orang tidak dapat keluar masuk dengan aman kerana gangguan lawan, sebab Aku membuat semua manusia bertengkar antara satu sama lain. ¹¹ Tetapi sekarang, Aku

tidak akan memperlakukan saki-baki umat ini seperti pada waktu dahulu,' demikianlah firman Tuhan alam semesta. ¹² 'Benih akan disemai dalam suasana kedamaian. Pokok anggur akan berbuah, tanah akan memberikan hasil, dan langit akan menitiskan embun. Aku akan membuat saki-baki umat ini mewarisi semua itu. ¹³ Jadi, sebagaimana kamu telah menjadi kutukan dalam kalangan bangsa, wahai keturunan kaum Yehuda dan keturunan kaum Israel, demikianlah Aku akan menyelamatkan kamu sehingga kamu menjadi berkat. Jangan takut, kuatkanlah keyakinanmu!'

¹⁴ Beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Sebagaimana Aku bermaksud mendatangkan malapetaka atasmu ketika nenek moyangmu membangkitkan murka-Ku, dan Aku tidak berbelas kasihan,' firman Tuhan alam semesta, ¹⁵ 'demikianlah pada waktu ini Aku kembali bermaksud mendatangkan kebaikan atas Yerusalem dan atas keturunan kaum Yehuda. Jangan takut! ¹⁶ Hal-hal inilah yang harus kamu lakukan: Bercakap benar antara satu sama lain, laksanakan penghakiman yang benar dan yang mendatangkan damai di tempat pengadilanmu. ¹⁷ Janganlah merancang kejahatan dalam hatimu

terhadap satu sama lain dan janganlah mencintai sumpah dusta, kerana semua itu Kubenci,' demikianlah firman Tuhan."

¹⁸ Datanglah firman Tuhan alam semesta, kepadaku demikian, ¹⁹ "Beginilah firman Tuhan alam semesta, 'Puasa pada bulan keempat, bulan kelima, bulan ketujuh, dan bulan kesepuluh akan menjadi kegirangan, kegembiraan, serta hari perayaan yang menyenangkan bagi keturunan kaum Yehuda. Oleh sebab itu cintailah kebenaran dan damai!' "

Penyelamatan bagi bangsa-bangsa

²⁰ Beginilah firman Tuhan alam semesta, "Masih akan datang lagi suku-suku bangsa dan penduduk banyak kota. ²¹ Penduduk kota yang satu akan pergi kepada penduduk kota yang lain sambil berkata, 'Mari kita pergi memohon belas kasihan Tuhan dan mencari hadirat Tuhan alam semesta. Aku pun mahu pergi.' ²² Banyak suku bangsa dan bangsa-bangsa yang kuat akan datang mencari hadirat Tuhan alam semesta, di Yerusalem dan memohon belas kasihan-Nya."

²³ Beginilah firman Tuhan alam semesta, "Pada masa itu, sepuluh orang daripada segala bangsa dan bahasa akan memegang erat-erat punca jubah seorang Yahudi sambil berkata, 'Kami

mahu pergi bersama-samamu, kerana kami telah mendengar bahawa Allah menyertai kamu.’ ”

Hukuman ke atas bangsa-bangsa di sekitar Israel

9 ¹ Pernyataan ilahi. Firman Tuhan datang atas Tanah Hadrakh

dan akan berhenti di Damsyik –
kerana mata manusia dan mata semua suku
orang Israel tertuju kepada Tuhan,

² juga atas Hamat,
yang berbatasan dengannya,
serta atas Tirus dan Sidon,
walaupun mereka sangat bijak.

³ Tirus membina bagi dirinya suatu kubu.
Ditimbuninya perak seperti debu
dan emas seperti lumpur di jalan.

⁴ Tetapi Tuhan akan mengambil harta miliknya
dan memukul kekuatannya di laut,
lalu ia akan musnah dimakan api.

⁵ Askelon akan melihatnya lalu menjadi takut,
Gaza akan sangat gementar dan juga Ekron,
kerana harapan besarnya mengecewakan.

9:1: Yes 17:1-3; Yer 49:23-27; Am 1:3-5.

9:1: Yes 23:1-18; Yeh 26:1—28:26; Yl 3:4-8; Am 1:9,10; Mat 11:21,22; Luk 10:13,14. **9:5:** Yes 14:29-31; Yer 47:1-7; Yeh 25:15-17; Yl 3:4-8; Am 1:6-8; Zef 2:4-7.

Raja Gaza akan binasa dan Askelon tidak akan dihuni lagi.

⁶ Suatu keturunan campuran akan tinggal di Asdod.

“Aku akan melenyapkan keangkuhan orang Filistin.

⁷ Aku akan menyingkirkan darah daripada mulutnya

dan kejjikan dari antara giginya.

Saki-baki orangnya pun akan menjadi milik

Allah kita dan menjadi seperti ketua kaum di Yehuda.

Orang Ekron akan seperti orang Yebus.

⁸ Aku akan mendirikan khemah dekat Bait-Ku sebagai pengawal

sehingga tidak ada seorang pun yang lalu-lalang.

Tidak akan ada lagi penindas melintasinya, kerana sekarang Aku sendiri mengawasinya.”

Raja Mesias di Sion

⁹ Bergembiralah, wahai puteri Sion!

Bersoraklah, wahai puteri Yerusalem!

Lihat, rajamu datang kepadamu!

Dia adil, pembawa kemenangan,

Dia rendah hati, dan menunggang seekor
keldai, seekor keldai muda.

¹⁰ “Aku akan melenyapkan rata dari Efraim
dan kuda perang dari Yerusalem.

Busur peperangan akan dilenyapkan.

Dia akanewartakan damai kepada
bangsa-bangsa.

Wilayah kekuasaannya akan membentang dari
laut sampai ke laut,

dan dari Sungai Efrat sampai ke hujung bumi.”

Israel dipulihkan kembali

¹¹ “Mengenai engkau, kerana darah
perjanjian-Ku denganmu,

Aku akan melepaskan orang tahananmu dari
lubang tutupan yang tidak berair.

¹² Kembalilah ke kubu, wahai para tahanan
yang penuh harapan!

Hari ini juga Kuberitahukan kepadamu bahawa
Aku akan mengganti kerugianmu dua kali
lipat.

¹³ Aku akan melenturkan Yehuda seperti busur
dan mengisinya dengan anak panah-Ku, Efraim.
Aku akan membangkitkan para anakmu, wahai
Sion,
untuk melawan para anakmu, wahai Yunani.

Engkau akan Kujadikan seperti pedang seorang kesateria.”

¹⁴ Tuhan akan menampakkan diri kepada mereka

dan anak-anak panah-Nya akan membedil seperti kilat.

Tuhan Allah akan meniup sangkakala dan akan bergerak maju dalam badai dari sebelah selatan.

¹⁵ Tuhan alam semesta, akan melindungi mereka.

Mereka akan memusnahkan dan menginjak-injak batu-batu tarbil.

Mereka akan minum dan meraung seolah-olah mabuk dengan air anggur, dan diisi penuh seperti mangkuk, dibasahi seperti penjuru-penjuru mazbah.

¹⁶ Pada hari itu Tuhan, Allah mereka, akan menyelamatkan mereka

sebagai kawan domba umat-Nya.

Sungguh, mereka seperti permata-permata mahkota

yang berkilau-kilauan di tanah-Nya.

¹⁷ Sungguh, betapa agung kebaikannya dan betapa agung keindahannya!

Para pemuda akan bertumbuh kerana gandum dan para perawan kerana air anggur baru.

Pemulihan Yehuda dan Israel

10 ¹ Mintalah hujan kepada Tuhan pada masa hujan akhir musim –

kepada Tuhan yang menjadikan kilat –
maka Dia akan mengurniakan hujan lebat
kepada manusia

dan tumbuh-tumbuhan yang menghidupkan di
padang kepada setiap orang.

² Patung berhala rumah mengatakan kesia-
siaan dan penenung menyampaikan
penglihatan dusta.

Mereka menceritakan mimpi-mimpi bohong
dan memberikan penghiburan yang
sia-sia.

Oleh sebab itu orang berkeliaran seperti
kawan domba,
menderita kerana tidak ada gembala.

Pembebasan Israel daripada kuasa asing

³ “Murka-Ku menyala-nyala terhadap para
gembala

dan Aku akan menghukum para pemimpin!

Tuhan alam semesta, akan mengurus kawan
domba-Nya,

iaitu keturunan kaum Yehuda,

dan akan menjadikan mereka seperti kuda perang yang penuh kemegahan dalam peperangan.

⁴ Daripada mereka akan muncul batu penjuru, daripada mereka akan muncul pancang khemah, daripada mereka akan muncul busur peperangan, daripada mereka akan muncul semua penguasa bersama-sama.

⁵ Mereka akan seperti para kesateria yang menginjak-injak musuh di jalan berlumpur dalam peperangan.

Mereka akan berperang kerana Tuhan menyertai mereka, dan akan mengaibkan para penunggang kuda.

⁶ Aku akan menguatkan keturunan kaum Yehuda, dan menyelamatkan keturunan kaum Yusuf. Aku akan membawa mereka kembali, kerana Aku mengasihani mereka.

Mereka akan menjadi orang yang seolah-olah tidak pernah Kubuang, kerana Akulah Tuhan, Allah mereka, dan Aku akan menjawab mereka.

⁷ Efraim akan seperti seorang kesateria, hati mereka akan gembira seperti orang minum air anggur.

Anak-anak mereka akan melihatnya dan
bersukacita,

hati mereka akan bergembira di dalam Tuhan.

⁸ Aku akan memanggil mereka dengan isyarat
dan mengumpulkan mereka,
kerana Aku telah menebus mereka.

Mereka akan bertambah ramai sebagaimana
ramainya mereka dahulu.

⁹ Sekalipun Aku telah menyerakkan mereka ke
antara bangsa-bangsa,
di tempat-tempat yang jauh mereka akan
mengingati Aku.

Mereka akan bertahan hidup bersama dengan
anak-anak mereka
dan mereka akan kembali.

¹⁰ Aku akan membawa mereka kembali dari
Tanah Mesir

dan mengumpulkan mereka dari Asyur.

Aku akan membawa mereka masuk ke Tanah
Gilead dan Lebanon,

sampai tidak ada lagi tempat bagi mereka.

¹¹ Mereka akan mengharungi laut kesesakan
dan memukul segala gelombang di laut,
sehingga semua tempat yang dalam di Sungai
Nil menjadi kering.

Keangkuhan Asyur akan diruntuhkan

dan tongkat kerajaan Mesir akan disingkirkan.

¹² Aku akan menguatkan mereka di dalam Tuhan,
dan mereka akan berjalan dalam nama-Nya,”
demikianlah firman Tuhan.

Gembala yang tidak berguna

11 ¹ Wahai Lebanon, bukalah pintu-pintumu,
supaya api dapat memakan habis
pokok-pokok arazmu.

² Meraung-raunglah, wahai pokok-pokok
sanubar,

kerana pokok araz telah tumbang.

Pokok-pokok besar telah dimusnahkan!

Meraung-raunglah, wahai pokok-pokok oak di
Basan,

kerana hutan rimba telah diratakan!

³ Terdengar suara raungan para gembala,
kerana kemuliaan mereka telah diruntuhkan!
Terdengar suara ngauman singa-singa muda,
kerana belukar di sepanjang Sungai Yordan
telah dimusnahkan!

Dua macam gembala

⁴ Beginilah firman Tuhan, Allahku, “Gembalalah
kawanannya domba sembelihan itu! ⁵ Mereka
yang membelinya menyembelihnya dan tidak
dihukum, manakala mereka yang menjualnya
berkata, ‘Segala puji bagi Tuhan, kerana aku

kini kaya! Gembala-gembalanya sendiri tidak berbelas kasihan terhadap domba mereka.

⁶ Aku tidak akan lagi berasa sayang kepada penduduk negeri ini,” demikianlah firman Tuhan, “Sesungguhnya, Aku akan menyerahkan setiap daripada mereka ke tangan jirannya dan ke tangan rajanya. Mereka akan menghancurkan negeri ini dan Aku tidak akan melepaskan seorang pun daripada tangan mereka.”

⁷ Maka aku menggembala kawan domba sembelihan itu, iaitu domba yang tertindas itu. Kuambil dua batang tongkat, yang satu, kunamai “Kenikmatan”, dan yang lain kunamai “Ikatan”, kemudian aku menggembala kawan domba itu. ⁸ Dalam satu bulan kusingkirkan tiga orang gembala, kerana hatiku tidak sabar lagi terhadap mereka, dan mereka pun muak terhadap aku. ⁹ Aku berkata, “Aku tidak mahu lagi menggembala kamu. Yang mati biarlah mati, yang hilang biarlah hilang, dan yang masih tinggal biarlah makan daging teman masing-masing.”

¹⁰ Kuambil tongkatku, iaitu “Kenikmatan” lalu kupatahkan untuk membatalkan perjanjian yang kuikat dengan segala bangsa. ¹¹ Jadi, batallah perjanjian pada hari itu, sehingga tahulah domba tertindas yang sedang memperhatikan aku bahawa itu sememangnya firman Tuhan.

¹² Kataku kepada mereka, “Jika menurutmu baik, berilah aku upah. Jika tidak, biar sajalah.” Lalu mereka menimbang tiga puluh keping perak sebagai upahku.

¹³ Kemudian Tuhan berfirman kepadaku, “Campakkanlah itu kepada tukang tembikar!” – yaitu harga tertinggi yang dinilai mereka bagiku. Lalu aku mengambil kesemua tiga puluh keping perak itu dan mencampakkannya kepada tukang logam di Bait Tuhan. ¹⁴ Setelah itu, kupatahkan tongkat kedua, yaitu “Ikatan”, untuk memutuskan persaudaraan antara Yehuda dengan Israel.

¹⁵ Firman Tuhan kepadaku, “Ambillah sekali lagi peralatan seorang gembala yang bodoh.

¹⁶ Sesungguhnya, Aku akan membangkitkan di negeri ini seorang gembala yang tidak akan mempedulikan yang hilang, tidak akan mencari yang tersesat, tidak akan menyembuhkan yang terluka, dan tidak akan mengurus yang sihat, melainkan akan memakan daging domba yang gemuk dan mencabut kukunya.

¹⁷ Malangnya gembala yang tidak berguna,
yang meninggalkan kawan-kambing
dombanya!

Biarlah pedang menusuk lengan dan mata
kanannya!

Biarlah lengannya menjadi kurus kering dan mata kanannya buta sepenuhnya!”

Pembebasan dan pembaharuan Yerusalem

12 ¹ Pernyataan ilahi tentang Israel: Inilah firman Tuhan tentang Israel. Demikianlah firman Tuhan yang membentangkan langit, yang meletakkan asas bumi, dan yang membentuk roh di dalam diri manusia, ² “Sesungguhnya, Aku akan menjadikan Yerusalem mangkuk berisi minuman yang memabukkan semua suku bangsa di sekelilingnya. Pengepungan terhadap Yerusalem akan terjadi pula terhadap Yehuda. ³ Pada waktu itu Aku akan menjadikan Yerusalem batu bebanan bagi semua suku bangsa. Sesiapa sahaja yang memikulnya akan terluka parah, dan semua bangsa di bumi akan berkumpul untuk menyerangnya. ⁴ Pada waktu itu,” demikianlah firman Tuhan, “Aku akan mengazab semua kuda dengan kebingungan dan penunggangnya dengan kegilaan. Tetapi akan Kubuka mata-Ku untuk mengawasi keturunan kaum Yehuda sementara Aku membutakan semua kuda milik suku-suku bangsa. ⁵ Maka para ketua kaum Yehuda akan berkata dalam hati mereka, ‘Penduduk Yerusalem memiliki kekuatan kerana Tuhan alam semesta, Allah mereka.’

⁶ Pada hari itu Aku akan menjadikan para ketua kaum Yehuda seperti periuk api di tengah-tengah kayu bakar dan seperti obor berapi di tengah-tengah berkas gandum. Mereka akan menumpaskan habis semua suku bangsa di sekeliling mereka baik di kanan mahupun di kiri, tetapi penduduk Yerusalem akan tinggal lagi di tempatnya sendiri di Yerusalem.

⁷ Pertama-tama Tuhan akan menyelamatkan khemah-khemah Yehuda, supaya kemuliaan keturunan kaum Daud dan kemuliaan penduduk Yerusalem tidak lebih besar daripada Yehuda.

⁸ Pada waktu itu Tuhan akan melindungi penduduk Yerusalem, sehingga yang paling lemah antara mereka saat itu akan menjadi seperti Daud, dan keturunan kaum Daud akan menjadi seperti Tuhan, seperti malaikat Tuhan yang memimpin mereka. ⁹ Pada waktu itu Aku akan berikhtiar untuk membinasakan semua bangsa yang datang menyerang Yerusalem.”

Ratapan atas Dia yang tertikam

¹⁰ “Atas keturunan kaum Daud dan atas penduduk Yerusalem akan Kucurahkan jiwa pengasih dan jiwa yang memohon belas kasihan. Mereka akan memandang kepada

Aku yang telah ditikam mereka. Mereka akan meratapi dia seperti orang meratapi anak tunggalnya, dan bersedih kerana dia seperti orang bersedih kerana anak sulungnya. ¹¹ Pada waktu itu akan ada ratapan yang hebat di Yerusalem, seperti ratapan di Hadad-Rimon, di Lembah Megido. ¹² Di negeri itu, setiap kaum secara tersendiri dan isteri-isteri mereka secara tersendiri akan meratap, iaitu keturunan kaum Daud dan isteri-isteri mereka, keturunan kaum Natan dan isteri-isteri mereka, ¹³ keturunan kaum Lewi dan isteri-isteri mereka, kaum Simeï dan isteri-isteri mereka, ¹⁴ juga semua saki-baki kaum; setiap kaum secara tersendiri dan isteri-isteri mereka secara tersendiri.”

Penyingkiran berhala dan nabi sesat

13 ¹ “Pada waktu itu akan ada sebuah mata air yang terbuka bagi keturunan kaum Daud dan bagi penduduk Yerusalem untuk membersihkan dosa serta kenajisan. ² Pada waktu itu, demikianlah firman Tuhan alam semesta, Aku akan melenyapkan nama berhala-berhala daripada negeri itu, sehingga semua itu tidak diingat lagi. Aku pun akan mengusir nabi-nabi dan roh najis dari negeri itu.” ³ Jadi, apabila masih ada orang yang bernubuat, maka ayah dan ibu kandungnya sendiri akan

berkata kepadanya, 'Engkau harus mati, kerana engkau berkata dusta demi nama Tuhan!' Lalu ayah dan ibu kandungnya sendiri akan menikam dia ketika dia bernubuat. ⁴ "Pada waktu itu, setiap nabi akan malu kerana penglihatannya ketika bernubuat. Mereka tidak lagi akan memakai jubah berbulu untuk menipu. ⁵ Sebaliknya, mereka akan berkata, 'Aku bukan nabi. Aku seorang yang bercucuk tanam di tanah, kerana seseorang telah membelikannya bagiku sejak aku muda.' ⁶ Kalau orang bertanya kepadanya, 'Luka apa yang ada pada badanmu itu?' Maka dia akan menjawab, 'Itulah luka yang kudapat di rumah para sahabatku.' "

Pedang menimpa umat baru

⁷ "Wahai pedang, bangkitlah melawan gembala-Ku, melawan orang yang menjadi sekutu-Ku," demikianlah firman Tuhan alam semesta.

"Rebahkanlah sang gembala, dan dombanya akan bertempieran. Aku akan bertindak melawan yang kecil dan lemah.

⁸ Maka di seluruh negeri," demikianlah firman Tuhan,

“dua pertiga bahagian akan dilenyapkan dan
binasa,
tetapi sepertiganya akan ditinggalkan hidup.
⁹ Aku akan memasukkan yang sepertiga itu ke
dalam api
lalu memurnikan mereka seperti orang
memurnikan perak dan menguji mereka
seperti orang menguji emas.
Mereka akan menyeru nama-Ku
dan Aku akan menjawab mereka.
Aku akan berkata, ‘Mereka sememangnya
umat-Ku,’
dan mereka akan berkata, ‘Tuhan
sememangnya Allahku.’ ”

Kemenangan terakhir: Tuhan memerintah di Yerusalem

14 ¹ Sesungguhnya, hari Tuhan akan datang apabila harta benda kamu akan dibahagi-bahagikan seperti jarahan di tengah-tengah kamu. ² “Aku akan mengumpulkan semua bangsa untuk memerangi Yerusalem. Kota itu akan direbut, rumah-rumah akan dijarah, dan perempuan-perempuan akan dirogol. Separuh daripada penduduk kota itu akan berada dalam buangan, tetapi umat selebihnya itu tidak akan dilenyapkan daripada kota.” ³ Setelah itu, Tuhan akan maju berperang melawan bangsa-bangsa

itu seperti ketika Dia berperang pada hari pertempuran. ⁴ Pada hari itu Dia akan berdiri di atas Bukit Zaitun, yang berhadapan dengan Yerusalem di sebelah timur. Bukit Zaitun akan terbelah dua dari timur ke barat, sehingga terjadilah sebuah lembah yang amat besar. Separuh daripada bukit itu akan berpindah ke sebelah utara, manakala separuh lagi ke sebelah selatan. ⁵ Kamu akan lari melalui lembah pergunungan-Ku itu, sebab lembah pergunungan itu akan sampai ke Azal. Kamu akan lari seperti kamu pernah lari kerana gempa bumi pada zaman Uzia, raja Yehuda. Kemudian Tuhan, Allahku, akan datang bersama-sama semua orang suci-Nya.

⁶ Pada waktu itu tidak akan ada cahaya, cuaca dingin ataupun air yang membeku. ⁷ Tetapi akan ada satu hari tanpa siang dan tanpa malam – Tuhan mengetahuinya. Pada waktu malam cahaya akan tetap ada.

⁸ Pada waktu itu air kehidupan akan mengalir dari Yerusalem, sebahagian menuju laut timur dan sebahagian menuju laut barat. Hal itu akan terus berlangsung baik pada musim panas mahupun pada musim sejuk. ⁹ Maka Tuhan akan menjadi raja atas seluruh bumi. Pada hari

itu Tuhan ialah satu-satunya dan nama-Nya satu-satunya.

¹⁰ Seluruh negeri itu akan berubah menjadi dataran, iaitu dari Geba sampai ke Rimon di sebelah selatan Yerusalem. Kota itu akan menjulang tinggi dan tetap tegak di tempatnya, dari Pintu Gerbang Benyamin sampai ke tempat pintu gerbang terdahulu serta ke Pintu Gerbang Sudut; juga dari Menara Hananeel sampai ke tempat pemerasan anggur raja. ¹¹ Orang akan tinggal di dalamnya kerana tidak akan berlakunya kemusnahan lagi. Yerusalem akan hidup dengan aman.

¹² Inilah wabak yang akan ditimpakan Tuhan kepada semua bangsa yang memerangi Yerusalem: Daging mereka akan membusuk sementara mereka berdiri di atas kaki mereka, mata mereka akan membusuk dalam rongganya, dan lidah mereka akan membusuk di dalam mulut mereka.

¹³ Pada waktu itu kegemparan daripada Tuhan akan melanda mereka. Setiap orang akan menyentap tangan kawannya dan mengangkat tangan melawan kawannya. ¹⁴ Yehuda pun akan berperang di Yerusalem. Kekayaan segala bangsa yang ada di sekeliling mereka akan dikumpulkan,

iaitu emas, perak, dan pakaian yang begitu banyak jumlahnya.

¹⁵ Itulah seperti itu juga akan menimpa kuda, baghal, unta, keldai, dan semua binatang yang ada dalam kesemua perkhemahan itu.

¹⁶ Maka semua orang yang terselamat daripada semua bangsa yang pernah datang menyerang Yerusalem akan datang tahun demi tahun untuk sujud menyembah Sang Raja, iaitu Tuhan alam semesta, dan untuk merayakan Perayaan Pondok Daun. ¹⁷ Sesiapa daripada kalangan kaum-kaum di bumi yang tidak mahu datang ke Yerusalem untuk sujud menyembah Sang Raja, iaitu Tuhan alam semesta, bagi mereka tidak akan turun hujan. ¹⁸ Jika kaum orang Mesir tidak mahu datang dan tidak mahu masuk menghadap, maka bagi mereka pun tidak akan turun hujan. Suatu wabak akan ditimpakan Tuhan atas bangsa-bangsa yang tidak mahu datang untuk merayakan Perayaan Pondok Daun. ¹⁹ Itulah hukuman bagi Mesir dan hukuman bagi semua bangsa yang tidak mahu datang untuk merayakan Perayaan Pondok Daun.

²⁰ Pada waktu itu, pada loceng-loceng hiasan kuda akan tertulis “Suci Bagi Tuhan” dan kualiti-kualiti di Bait Tuhan akan menjadi seperti

bokor-bokor di hadapan mazbah. ²¹ Setiap kualiti di Yerusalem dan Yehuda akan menjadi suci bagi Tuhan alam semesta, dan semua orang yang mempersembahkan korban akan datang mengambil kualiti itu lalu menggunakannya untuk memasak. Pada waktu itu tidak akan ada lagi pedagang^x di dalam rumah Tuhan alam semesta.

^x**14:21** Atau: Seorang Kanaan.

MALEAKHI

1 ¹ Inilah pernyataan ilahi yang difirmankan Tuhan kepada Israel dengan perantaraan Maleakhi.

Kasihnya Tuhan terhadap orang Israel

² “Aku mengasihi kamu,” demikianlah firman Tuhan.

“Tetapi kamu bertanya, ‘Bagaimanakah Engkau mengasihi kami?’ ”

“Bukankah Esau itu saudara Yakub?” demikianlah firman Tuhan. “Namun demikian, Yakub Kukasihi, ³ tetapi Esau Kubenci. Pergunungannya telah Kujadikan tandus dan harta pusakanya telah Kuserahkan kepada serigala gurun.

⁴ Apabila Edom berkata, ‘Sememangnya kami sudah hancur, tetapi kami akan kembali membangunkan reruntuhan itu,’ maka beginilah firman Tuhan alam semesta, ‘Mereka boleh mendirikan, tetapi Aku akan meruntuhkannya.

1:2: Rm 9:13.

1:2: Yes 34:5-17; 63:1-6; Yer 49:7-22; Yeh 25:12-14; 35:1-15; Am 1:11,12; Ob 1:1-14.

Mereka akan disebut “Daerah Kefasiqan” dan “Kaum yang dimurkai Tuhan untuk selama-lamanya.” ’

⁵ Matamu akan melihatnya sendiri dan kamu akan berkata, ‘Maha Besar Tuhan sampai di luar negeri Israel!’

Persembahan tercemar daripada para imam

⁶ “Seorang anak menghormati bapanya dan seorang hamba menghormati tuannya. Kalau Aku ini bapa, di manakah rasa hormatmu kepada-Ku? Kalau Aku ini tuan, di manakah rasa takutmu kepada-Ku?” demikianlah firman Tuhan alam semesta, kepada kamu, wahai para imam yang menghina nama-Ku. “Tetapi kamu bertanya, ‘Bagaimanakah kami menghina nama-Mu?’ ” ⁷ “Kamu mempersembahkan santapan persembahan yang cemar di atas mazbah-Ku.”

“Lalu kamu bertanya lagi, ‘Bagaimanakah kami mencemari Engkau?’ ”

“Dengan berfikir, ‘Meja Tuhan boleh dihina.’

⁸ Apabila kamu mempersembahkan haiwan yang buta sebagai korban, bukankah itu kejahatan? Apabila kamu mempersembahkan haiwan yang tempang dan sakit, bukankah itu kejahatan? Cubalah persembahkannya kepada

pembesarmu! Adakah dia akan berkenan kepadamu atau sudi menerima engkau?” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

⁹ Sekarang, mohonkanlah belas kasihan Allah, supaya Dia mengasihani kita. Hal ini terjadi akibat perbuatanmu sendiri. Sudikah Dia terima seorang daripada kalangan kamu? Demikianlah firman Tuhan alam semesta. ¹⁰ “Baiknya kalau ada seorang antara kamu yang mahu menutup pintu, supaya kamu tidak menyalakan api di atas mazbah-Ku dengan sewenang-wenangnya! Aku tidak suka kepada kamu,” demikianlah firman Tuhan alam semesta, “dan Aku tidak berkenan menerima persembahan daripada tanganmu.

¹¹ Sungguh, dari terbitnya matahari sampai terbenamnya, nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa. Di setiap tempat dipersembahkan dupa bagi nama-Ku dan juga persembahan yang tahir, kerana nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

¹² “Tetapi kamu mencemarinya dengan berfikir, ‘Meja Tuhan itu cemar dan makanan yang ada di situ boleh dihina.’ ¹³ Kamu berkata, ‘Alangkah susahnyalah!’ dan kamu mendengus meremeh-temehkan hal yang berat,” demikianlah firman Tuhan alam semesta. “Kamu membawa haiwan rampasan, haiwan yang tempang, dan haiwan yang sakit sebagai persembahan. Akankah

Kuperkenan menerimanya daripada tanganmu?” demikianlah firman Tuhan. ¹⁴ “Terkutuklah si penipu, yang menazarkan seekor haiwan jantan daripada kawanan ternaknya, tetapi kemudian mempersembahkan haiwan yang cacat kepada Tuhan. Kerana Aku ini Raja yang besar,” demikianlah firman Tuhan alam semesta, “dan nama-Ku ditakuti di antara bangsa.”

Tuhan **mencela para imam**

2 ¹ “Sekarang, wahai para imam, perintah ini adalah untuk kamu! ² Jika kamu tidak mendengar dan jika kamu tidak memperhatikannya demi memuliakan nama-Ku,” demikianlah firman Tuhan alam semesta, “maka Aku akan menimpakan kutukan atasmu dan akan mengutuk mana-mana berkat yang kamu terima. Malahan sekarang ini pun Aku memang telah mengutuk berkatmu kerana kamu tidak mengambil berat terhadapnya. ³ Sesungguhnya, Aku akan mencela keturunanmu dan menghamburkan najis, malah kotoran daripada korban hari-hari perayaan kamu, ke mukamu, lalu kamu akan dibuang bersama-samanya. ⁴ Maka kamu tahu bahawa Aku telah mengirimkan perintah ini kepadamu, agar

perjanjian-Ku dengan Lewi tetap berkuat kuasa,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

⁵ “Perjanjian-Ku dengan dia ialah perjanjian kehidupan dan kedamaian. Semua itu Kukurniakan kepadanya supaya dia takut, lalu dia pun takut kepada-Ku dan gentar terhadap Aku dan memuliakan nama-Ku. ⁶ Pengajaran yang benar ada di mulutnya dan kecurangan tidak didapati pada bibirnya. Dia mengikuti Aku dalam kedamaian dan kejujuran, serta membuat ramai orang berpaling daripada kemungkaran mereka. ⁷ Sememangnya bibir imam patut memelihara ilmu pengetahuan dan orang pun patut mencari pengajaran daripada mulutnya, kerana dialah utusan Tuhan alam semesta.

⁸ Tetapi kamu telah menyimpang daripada jalan. Kamu telah menyebabkan tersandungnya ramai orang dalam hal hukum, dan kamu telah melenyapkan nilai perjanjian dengan Lewi itu,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

⁹ “Maka Aku telah menjadikan kamu hina dan rendah di hadapan seluruh umat ini kerana kamu tidak memelihara jalan-jalan-Ku, tetapi bersikap berat sebelah dalam hal-hal hukum.”

Allah memurkai Israel

¹⁰ Bukankah kita semua sebapa? Bukankah Allah yang esa yang menciptakan kita? Mengapakah kita saling mengkhianati dengan menista perjanjian nenek moyang kita? ¹¹ Yehuda berkhianat. Kekejian dilakukan di Israel dan di Yerusalem, kerana Yehuda telah menista tempat suci yang dikasihi Tuhan dan menjadi suami kepada anak perempuan penyembah tuhan asing. ¹² Tuhan akan menyentak sesiapa sahaja yang berbuat demikian daripada khemah-khemah Yakub, sekalipun dia membawa persembahan kepada Tuhan alam semesta.

¹³ Inilah lagi satu hal yang kamu lakukan: Kamu meliputi mazbah Tuhan dengan air mata, tangisan, dan rintihan, kerana Dia tidak lagi mengendahkan persembahanmu dan tidak berkenan menerimanya daripada tanganmu. ¹⁴ Kamu bertanya, "Mengapakah demikian?" Kerana Tuhan telah menjadi saksi antara engkau dengan isteri yang kaukahwin pada masa mudamu. Engkau telah mengkhianatinya, padahal dialah teman hidupmu dan isterimu berasaskan ikrar. ¹⁵ Bukankah Allah menjadikan mereka satu? Jiwa dan roh mereka milik-Nya. Apakah yang dicari-Nya? Dia mencari keturunan yang salih. Oleh sebab itu jagalah dirimu, dan

janganlah ada antara kamu yang mengkhianati isteri dari masa mudamu. ¹⁶ “Aku membenci perceraian,” demikianlah firman Tuhan, Allah Israel, “juga orang yang menjadikan tindakan ganas sebagai pakaiannya,” demikianlah firman Tuhan alam semesta. “Oleh sebab itu jagalah hatimu dan jangan berkhianat.”

Tuhan **datang untuk menghukum**

¹⁷ Kamu membuat Tuhan muak dengan perkataanmu. Tetapi kamu masih bertanya, “Bagaimanakah kami membuat Dia muak?” Dengan berkata, “Setiap orang yang berbuat jahat adalah baik di mata Tuhan. Kepada merekalah Dia berkenan,” atau, “Di manakah Allah Yang Maha Adil itu?”

3 ¹ “Lihat, Aku menghantar utusan-Ku dan dia akan menyediakan jalan bagi-Ku. Kemudian dengan tiba-tiba Tuhan yang kamu cari itu akan hadir di Bait Suci-Nya lalu utusan perjanjian yang kamu kehendaki itu akan datang,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

² Akan tetapi, siapakah yang mampu bertahan menghadapi hari kedatangan-Nya? Siapakah yang dapat bertahan ketika Dia menampakkan

3:1: Mat 11:10; Mrk 1:2; Luk 1:76; 7:27.

3:2: Yl 2:11; Why 6:17.

diri? Kerana Dia bagaikan api pemurni logam dan sabun tukang cuci. ³ Dia akan mengambil tempat-Nya sebagai orang yang memurnikan dan membersihkan perak, lalu Dia akan menyucikan bani Lewi serta memurnikan mereka seperti emas dan perak, sehingga mereka menjadi orang yang membawa persembahan yang benar kepada Tuhan. ⁴ Kemudian barulah persembahan Yehuda dan Yerusalem akan menyenangkan Tuhan seperti pada zaman dahulu, seperti pada tahun-tahun yang silam.

⁵ “Akan Aku hampiri untuk menghakimi kamu. Dengan pantas Aku akan bersaksi terhadap para ahli sihir, dan terhadap para penzina, terhadap orang yang bersumpah dusta, terhadap orang yang menindas pekerja upahan, balu, dan anak yatim, serta terhadap orang yang menafikan hak para pendatang, tanpa sebarang rasa takut kepada-Ku,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

Merompak Allah

⁶ “Aku Tuhan, dan Aku kekal tidak berubah, maka kamu, wahai bani Yakub, tidak dibinasakan. ⁷ Sejak zaman nenek moyangmu kamu telah menyimpang daripada ketetapan-Ku dan tidak memegangnya dengan teguh. Kembalilah kepada-Ku agar Aku akan kembali kepadamu,”

demikianlah firman Tuhan alam semesta. “Tetapi kamu bertanya, ‘Dengan cara bagaimanakah kami harus kembali?’ ” ⁸ “Sanggupkah manusia merompak Allah? Namun demikian, kamu merompak Aku. “Tetapi kamu bertanya, ‘Bagaimanakah kami merompak Engkau?’

“Dalam hal persembahan sepersepuluh dan persembahan khusus. ⁹ Kamu dikutuk atas sebab kamu merompak Aku – ya, kamu seluruh bangsa! ¹⁰ Bawalah seluruh persembahan sepersepuluh kamu ke dalam perbendaharaan, supaya ada makanan di Bait-Ku. Kemudian ujilah Aku dalam hal ini,” firman Tuhan alam semesta, “adakah Aku tidak membuka bagimu tingkap-tingkap di langit dan mencurahkan berkat kepadamu sampai tiada tempat yang memadai menampungnya.

¹¹ Lalu bagi pihak kamu, Aku akan mencela segala hama pemusnah, sehingga hama itu tidak memusnahkan hasil tanahmu. Pokok anggurmu di ladang tidak akan menggugurkan buah sebelum tiba masanya,” demikianlah firman Tuhan alam semesta. ¹² “Segala bangsa akan menyebut kamu berbahagia, kerana kamu akan menjadi negeri kesukaan,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

Kemenangan bagi orang yang takut kepada Allah

¹³ “Keras dan angkuh kata-katamu terhadap Aku,” firman Tuhan. “Tetapi kamu bertanya, ‘Bagaimanakah kata-kata kami keras dan angkuh terhadap Engkau?’ ” ¹⁴ “Kamu berkata, ‘Sia-sia sahaja beribadat kepada Allah! Apa untungnya kita mentaati dan melaksanakan kewajipan kita terhadap-Nya dan berjalan seperti orang yang berkabung di hadapan Tuhan alam semesta?’ ” ¹⁵ Sekarang, kita menyebut orang yang angkuh sebagai orang yang berbahagia. Ya, orang yang melakukan kefasiqan hidup makmur, bahkan mereka selamat juga setelah menguji Allah!’ ”

¹⁶ Kemudian orang yang takut kepada Tuhan berbicara antara satu sama lain. Tuhan memperhatikan dan mendengarkannya, lalu sebuah kitab peringatan ditulis di hadapan-Nya bagi orang yang takut kepada Tuhan dan yang memuliakan nama-Nya. ¹⁷ “Mereka akan menjadi milik-Ku,” firman Tuhan alam semesta, “pada waktu Aku membuat mereka menjadi harta kesayangan-Ku. Aku akan menyayangi mereka seperti seseorang menyayangi anaknya yang menuruti perintahnya. ¹⁸ Maka kamu akan kembali melihat perbezaan antara orang benar dengan orang yang fasiq, antara orang yang

beribadat kepada Allah dengan orang yang tidak beribadat kepada-Nya.”

Hari Tuhan akan tiba

4¹ “Sesungguhnya, hari itu akan datang, menyala-nyala seperti relau. Semua orang yang angkuh dan setiap orang yang melakukan kefasiqan akan menjadi seperti tunggul jerami. Hari yang mendatang itu akan menghanguskan mereka,” demikianlah firman Tuhan alam semesta, “tanpa meninggalkan akar dan cabang.² Tetapi bagi kamu yang takut kepada nama-Ku, matahari yang penuh perbenaran^Y akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya. Sebagaimana anak lembu dari kandangnya, kamu akan keluar sambil melompat-lompat.³ Kamu akan menginjak-injak orang fasiq. Pada hari Aku bertindak itu, mereka akan menjadi abu di bawah telapak kakimu,” demikianlah firman Tuhan alam semesta.

⁴ “Ingatlah hukum Taurat iaitu segala ketetapan dan peraturan yang diperuntukkan bagi semua orang Israel yang Kusampaikan melalui hamba-Ku Musa di Horeb.

Y4:2 Perbenaran: Perkataan ini dalam bahasa Ibrani mempunyai beberapa makna. Antaranya: sesuatu yang adil, benar dan yang selaras dengan kehendak Tuhan.

⁵ Sesungguhnya, Aku akan mengutus kepadamu Nabi Elia, sebelum tiba hari Tuhan yang besar dan dahsyat itu. ⁶ Dan dia akan membuat hati bapa berbalik kepada anak-anak mereka dan hati anak-anak kepada bapa mereka, supaya Aku tidak datang dan mengazabkan bumi dengan kemusnahan yang mutlak.”

MATIUS

Salasilah Yesus Kristus

1 ¹ Inilah salasilah Yesus Kristus, anak Daud, anak Abraham.

² Abraham beroleh anak yang dinamai Ishak, Ishak beroleh Yakub, dan Yakub beroleh Yehuda serta saudara-saudaranya. ³ Yehuda beroleh Peres dan Zerah daripada Tamar, Peres beroleh Hezron, dan Hezron beroleh Ram. ⁴ Ram beroleh Aminadab, Aminadab beroleh Nahason, dan Nahason beroleh Salmon. ⁵ Salmon beroleh Boas daripada isterinya Rahab, Boas beroleh Obed daripada isterinya Rut, dan Obed beroleh Isai, ⁶ dan Isai beroleh Raja Daud.

Raja Daud beroleh Salomo daripada isteri kepada Uria. ⁷ Salomo beroleh Rehabeam, Rehabeam beroleh Abia, dan Abia beroleh Asa. ⁸ Asa beroleh Yosafat, Yosafat beroleh Yoram, dan Yoram beroleh Uzia. ⁹ Uzia beroleh Yotam, Yotam beroleh Ahaz, dan Ahaz beroleh Hizkia. ¹⁰ Hizkia beroleh Manasye, Manasye beroleh Amon, dan Amon beroleh Yosia. ¹¹ Yosia beroleh Yoyakhin^z

^z**1:11,12** Yoyakhin: Atau 'Yekhonya.'

dan saudara-saudaranya sekitar masa mereka dibawa sebagai tawanan di Babel.

¹² Setelah dibuang ke Babel, Yoyakhin beroleh Sealtiel, dan Sealtiel beroleh Zerubabel.

¹³ Zerubabel beroleh Abihud, Abihud beroleh Elyakim, dan Elyakim beroleh Azur. ¹⁴ Azur beroleh Zadok, Zadok beroleh Akhim, dan Akhim beroleh Eliud. ¹⁵ Eliud beroleh Eleazar, Eleazar beroleh Matan, dan Matan beroleh Yakub.

¹⁶ Maka Yakub beroleh Yusuf, suami Maria. Marialah yang melahirkan Yesus yang dipanggil Kristus.

¹⁷ Dengan demikian, ada empat belas keturunan dari Abraham hingga ke Daud; empat belas keturunan dari Daud hingga ke masa pembuangan di Babel; dan empat belas keturunan dari masa itu hingga kelahiran Kristus.

Kelahiran Kristus

¹⁸ Inilah kisah kelahiran Yesus Kristus: Ibu-Nya, Maria bertunang dengan Yusuf, tetapi sebelum perkahwinan mereka dilangsungkan, ternyata Maria mengandung melalui Roh Kudus. ¹⁹ Yusuf, seorang yang salih, tidak mahu memalukan Maria di mata masyarakat. Dia berniat memutuskan pertunangan mereka secara diam-diam.

²⁰ Dia memikirkan hal itu sehalus-halusnya. Suatu malam dia bermimpi bahawa malaikat Tuhan memperlihatkan diri kepadanya lalu berkata, “Hai Yusuf, anak Daud! Janganlah takut mengambil Maria sebagai isterimu kerana anak di dalam kandungannya adalah daripada Roh Kudus. ²¹ Maria akan melahirkan seorang anak lelaki. Namakanlah anak itu Yesus. Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa mereka.”

²² Segala ini berlaku supaya terlaksanalah firman Tuhan melalui nabi-Nya: ²³ “Seorang anak dara akan mengandung, dan melahirkan seorang anak lelaki, dan mereka akan menamai Dia Immanuel” yang bererti, Allah menyertai kita dalam bahasa Ibrani.

²⁴ Apabila Yusuf terjaga, dia pun mematuhi apa yang disampaikan oleh malaikat Tuhan itu lalu berkahwin dengan Maria. ²⁵ Tetapi Yusuf tidak bersentuh dengan Maria sebagai isterinya hinggalah Maria melahirkan Anak itu. Yusuf menamai Anak itu Yesus.

Ahli ilmu bintang dari Timur

2 ¹ Yesus dilahirkan di Betlehem, di Tanah Yudea, semasa pemerintahan Raja Herodes.

Tidak lama kemudian datanglah beberapa orang ahli ilmu bintang dari Timur ke Yerusalem.

² Mereka bertanya, “Di manakah Anak yang baru lahir, yang akan menjadi Raja orang Yahudi? Kami melihat bintang-Nya muncul di Timur, dan kami datang hendak menyembah-Nya.”

³ Apabila mendengar perkara itu, Raja Herodes berasa risau, begitu juga semua penduduk Yerusalem. ⁴ Raja Herodes memanggil semua ketua imam dan ahli Taurat berhimpun lalu bertanya kepada mereka di mana tempat lahirnya Kristus, Mesias itu. ⁵ Mereka menjawab, “Di Betlehem, di Tanah Yudea. Hal ini tertulis oleh seorang nabi:

⁶ ‘Wahai Betlehem di Tanah Yehuda,
engkau bukanlah yang terkecil antara pemimpin
kota utama Yehuda,
kerana daripadamu akan muncul seorang
Pemimpin yang akan memimpin umat-Ku
Israel.’ ”

⁷ Setelah itu, Raja Herodes berjumpa secara rahsia dengan ahli-ahli ilmu bintang itu dan mendapat tahu daripada mereka dengan tepat bila bintang itu terbit. ⁸ Raja Herodes menyuruh ahli-ahli ilmu bintang pergi ke Betlehem dengan perintah demikian: “Pergilah dan carilah Anak

itu sedaya upaya. Apabila kamu menjumpai-Nya, beritahulah aku, supaya aku juga dapat pergi menyembah-Nya.”

⁹ Mereka pun pergi. Di pertengahan jalan, mereka melihat bintang yang telah muncul di Timur dahulu kini mendahului mereka dan berhenti di atas tempat Anak itu. ¹⁰ Sungguh gembira mereka apabila melihat bintang itu.

¹¹ Mereka masuk ke dalam rumah itu dan melihat Anak itu dengan ibu-Nya Maria. Mereka pun sujud menyembah Anak itu, lalu membuka harta benda mereka dan mempersembahkan emas, dupa dan mir kepada-Nya.

¹² Allah memberikan peringatan kepada mereka melalui mimpi supaya jangan kembali kepada Herodes. Oleh itu, mereka pun pulang ke negeri mereka mengikut jalan lain.

Hijrah ke Mesir

¹³ Selepas itu, malaikat Tuhan memperlihatkan diri dalam mimpi kepada Yusuf lalu berkata, “Herodes akan mengeluarkan perintah supaya mencari dan membunuh Anak itu. Bangunlah. Bawalah Anak itu dan ibu-Nya ke Mesir. Tinggallah di situ hingga Aku berfirman kepadamu.”

¹⁴ Yusuf pun bangun. Pada malam itu juga dia membawa Anak itu dan ibu-Nya ke Mesir.

¹⁵ Mereka tinggal di situ hingga kematian Raja Herodes. Maka terlaksanalah apa yang difirmankan Tuhan menerusi nabi-Nya: “Dari Mesir, Kupanggil Anak-Ku.”

¹⁶ Setelah Raja Herodes sedar dirinya ditipu oleh ahli-ahli ilmu bintang dari Timur itu, dia pun marah lalu mengeluarkan perintah untuk membunuh semua anak lelaki yang berusia dua tahun ke bawah di Betlehem dan kawasan yang berdekatan. Usia itu berdasarkan maklumat yang diberikan oleh ahli-ahli ilmu bintang tentang masa bintang itu mula-mula muncul.

¹⁷ Oleh yang demikian, terlaksanalah apa yang dikatakan oleh Nabi Yeremia:

¹⁸ “Satu suara terdengar di Rama,
rintih ratap dan perkabungan.

Rahel meratapi anak-anaknya;
dia tidak mahu dilipur hatinya, kerana
mereka tiada lagi.”

Pulang dari Mesir

¹⁹ Selepas kematian Herodes, malaikat Tuhan memperlihatkan diri dalam mimpi kepada Yusuf di Mesir. ²⁰ Kata malaikat itu, “Bangunlah. Bawalah Anak itu dan ibu-Nya ke Tanah Israel, kerana orang yang hendak meragut nyawa

Anak itu telah mati.”²¹ Yusuf pun bangun lalu membawa Anak itu dan ibu-Nya ke Tanah Israel.

²² Tetapi apabila mendengar bahawa Arkelaus telah menaiki takhta menggantikan bapanya Herodes di Yudea, Yusuf pun takut pergi ke sana. Setelah mendapat peringatan daripada Allah dalam mimpi, dia pun pergi ke Galilea.²³ Dia menetap di kota yang bernama Nazaret. Dengan demikian terlaksanalah apa yang dikatakan oleh para nabi: “Dia akan dipanggil Orang Nazaret.”

3¹ Pada masa itu Yohanes Pembaptis menyampaikan berita ini di gurun di Yudea.² Dia berseru, “Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga hampir tiba!”³ Yohaneslah yang dimaksudkan dalam nubuat Nabi Yesaya:

“Suara seorang berseru di gurun:

‘Sediakanlah jalan untuk Tuhan,
luruskanlah jalan untuk-Nya.’ ”

⁴ Pakaian Yohanes diperbuat daripada bulu unta dan tali pinggangnya daripada kulit. Makanannya belalang dan madu gurun.⁵ Orang dari Yerusalem, seluruh Yudea dan segenap kawasan sekitar Sungai Yordan datang mendapatkan Yohanes.⁶ Mereka mengakui dosa mereka lalu dibaptiskan oleh Yohanes di Sungai Yordan.

2:23: Mrk 1:24; Luk 2:39; Yoh 1:45.

3:2: Mat 4:17; Mrk 1:15. **3:3:** Yes 40:3. **3:4:** 2Raj 1:8.

⁷ Ramai orang Farisi dan Saduki datang untuk dibaptiskan. Apabila melihat mereka, Yohanes berkata, “Hai, kamu bagaikan ular kapak berbisa! Siapakah yang mengingatkan kamu supaya melepaskan diri daripada kemurkaan Allah kelak? ⁸ Buktikanlah dengan perbuatan bahawa kamu telah bertaubat. ⁹ Jangan sangka kamu dapat berkata sesama sendiri, ‘Abraham bapa moyang kita.’ Ketahuilah, Allah berkuasa menjadikan batu-batu ini anak cucu Abraham! ¹⁰ Kapak sudah terletak pada akar umbi pokok. Setiap pokok yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang dan dihumbankan ke dalam api. ¹¹ Aku membaptismu dengan air untuk menunjukkan bahawa kamu telah bertaubat. Tetapi Dia yang datang selepasku akan membaptismu dengan Roh Kudus dan api; Dia lebih berkuasa daripadaku; membawakan kasut-Nya pun aku tidak layak. ¹² Tangan-Nya memegang nyiru untuk menampi. Dia akan membersihkan tempat pembantingan dan mengumpulkan gandum di dalam jelapang-Nya tetapi sekam akan dibakar-Nya di dalam api yang tidak dapat dipadamkan.”

Yesus dibaptiskan

¹³ Ketika itu, Yesus meninggalkan Galilea lalu pergi ke Sungai Yordan untuk dibaptiskan oleh Yohanes. ¹⁴ Akan tetapi, Yohanes cuba menolak dengan berkata, “Sepatutnya Engkau yang membaptisku. Ini Engkau pula datang kepadaku!”

¹⁵ Tetapi Yesus menjawab, “Biarkanlah demikian untuk sekarang, kerana dengannya kita akan menunaikan segala perbenaran.”^a Yohanes pun patuh.

¹⁶ Setelah dibaptiskan, Yesus keluar dari air dengan segera. Lalu terbukalah langit dan Dia melihat Roh Allah turun seperti burung merpati ke atas-Nya. ¹⁷ Kemudian kedengaran suara dari syurga, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan.”

Godaan di padang gurun

4 ¹ Setelah itu, Yesus dibawa oleh Roh ke gurun untuk digoda Iblis. ² Setelah Yesus berpuasa

^a**3:15** Istilah, ‘perbenaran’ menggambarkan tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah. Rangkaian kata ‘menunaikan segala perbenaran’ membawa makna memenuhi kehendak Allah serta melaksanakan tuntutan-tuntutan-Nya.

3:17: Kej 22:2; Mzm 2:7; Yes 42:1; Mat 12:18; 17:5; Mrk 1:11; Luk 9:35. **4:1:** Ibr 2:18; 4:15.

empat puluh hari empat puluh malam, Dia berasa kelaparan. ³ Iblis datang kepada-Nya lalu berkata, “Jika Engkau Anak Allah, perintahkanlah batu-batu ini menjadi roti.”

⁴ Yesus menjawab, “Telah tersurat: ‘Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Allah.’ ”

⁵ Selepas itu, Iblis membawa Yesus ke kota suci lalu meletakkan-Nya di puncak Bait Suci dan ⁶ berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah, terjunlah, kerana telah tersurat:

‘Tentang-Mu, Allah akan memerintahkan malaikat-malaikat-Nya dan mereka akan menatang-Mu supaya kaki-Mu tidak terhantuk batu.’ ”

⁷ Yesus menjawab, “Tetapi telah tersurat: ‘Janganlah engkau menduga Tuhan, Allahmu.’ ”

⁸ Iblis membawa pula Yesus ke atas gunung yang amat tinggi lalu menunjukkan kepada-Nya semua kerajaan di dunia serta kemuliaannya. ⁹ Kata Iblis kepada Yesus, “Semua ini akan kuberikan kepada-Mu jika Engkau sujud menyembahku.”

¹⁰ Jawab Yesus, “Nyah engkau, Iblis. Telah tersurat: ‘Hendaklah engkau menyembah

4:4: Ul 8:3. **4:6:** Mzm 91:11,12. **4:7:** Ul 6:16.

4:10: Ul 6:13.

Tuhan, Allahmu dan kepada-Nya sahaja engkau beribadat.' ”

¹¹ Iblis pun meninggalkan Yesus dan para malaikat datang melayani-Nya.

Yesus mula pelayanan di Galilea

¹² Apabila mendengar bahawa Yohanes telah dipenjarakan, Yesus pun pergi ke Galilea. ¹³ Dia tidak tinggal di Nazaret tetapi di Kapernaum, sebuah kota di pinggir Laut Galilea di kawasan Zebulon dan Naftali. ¹⁴ Dengan demikian terlaksanalah apa yang dikatakan oleh Nabi Yesaya:

¹⁵ “Tanah Zebulon, Tanah Naftali, di pinggir laut,
seberang Sungai Yordan, Galilea, daerah bangsa-bangsa asing.

¹⁶ Bangsa yang hidup dalam kegelapan telah melihat cahaya yang gemilang.
Bagi mereka yang tinggal di negeri yang di bawah bayangan maut,
cahaya telah bersinar!”

¹⁷ Yesus pun mula menyampaikan perkhabarannya, “Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga hampir tiba!”

4:12: Mat 14:3; Mrk 6:17; Luk 3:19,20. **4:13:** Yoh 2:12.

4:15: Yes 9:1,2. **4:17:** Mat 3:2.

Murid Yesus yang pertama

¹⁸ Ketika Yesus berjalan di pinggir Laut Galilea, Dia ternampak dua orang saudara, iaitu Simon, yang juga dipanggil Petrus, dan saudaranya Andreas. Mereka sedang menebarkan jala di danau kerana mereka nelayan. ¹⁹ Yesus berkata kepada mereka, “Ikutlah Aku dan Aku akan menjadikan kamu penjala insan.” ²⁰ Dengan serta-merta mereka meninggalkan jala mereka dan mengikut-Nya.

²¹ Sejurus berjalan dari sana, Yesus ternampak dua beradik lagi, Yakobus dan Yohanes bersama bapa mereka Zebedeus, sedang mengemaskan jala di dalam perahu. Yesus memanggil dua beradik itu. ²² Seketika itu juga mereka meninggalkan perahu dan bapa mereka lalu mengikut Yesus.

Yesus menyembuhkan orang sakit

²³ Yesus menjelajah ke serata Galilea. Dia mengajar di saumaah^b dan menyampaikan Injil Kerajaan Allah serta menyembuhkan semua jenis penyakit dan kesakitan dalam kalangan mereka.

^b**4:23** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

²⁴ Berita tentang Yesus tersebar di seluruh Siria. Maka, ramailah orang yang menanggung pelbagai penyakit dan penderitaan, orang yang dirasuk roh iblis, yang menghidap penyakit gila babi, dan yang lumpuh, dibawa kepada-Nya dan disembuhkan oleh-Nya. ²⁵ Ramai sekali orang mengikut-Nya: dari Galilea dan Dekapolis (bermaksud Sepuluh Kota), dari Yerusalem, dari Yudea, dan dari kawasan di seberang Yordan.

Yang diberkati

5 ¹ Ketika Yesus melihat orang ramai itu, Dia pun mendaki ke atas sebuah bukit lalu duduk. Kemudian datanglah murid-murid-Nya kepada-Nya. ² Dia pun mula mengajar mereka:

³ “Diberkatilah mereka yang miskin kerohanian, kerana merekalah yang empunya kerajaan syurga.

⁴ Diberkatilah mereka yang bersedih, kerana mereka akan terhibur.

⁵ Diberkatilah mereka yang lemah lembut, kerana mereka akan mewarisi bumi ini.

⁶ Diberkatilah mereka yang lapar dan dahaga akan perbenaran,^c

kerana mereka akan dipuaskan.

⁷ Diberkatilah mereka yang berpengasihian, kerana mereka akan dikasihani juga.

⁸ Diberkatilah mereka yang suci hati, kerana mereka akan melihat Allah.

⁹ Diberkatilah mereka yang mendamaikan manusia, kerana mereka akan dipanggil anak-anak Allah.

¹⁰ Diberkatilah mereka yang dianiaya demi perbenaran, kerana kerajaan syurga untuk mereka.

¹¹ Diberkatilah kamu apabila orang menghina, menganiaya dan memfitnahmu dengan segala yang jahat kerana-Ku. ¹² Bersukacita dan bergembiralah, kerana besar ganjaranmu di syurga. Begitu jugalah para nabi zaman dahulu dianiaya.”

^c**5:6** Istilah ‘perbenaran’ membawa beberapa erti. Salah satu ertinya merujuk kepada tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah, serta melaksanakan kehendak dan tuntutan-Nya.

5:6: Yes 55:1,2. **5:8:** Mzm 24:3,4. **5:10:** 1Ptr 3:14.

5:11: 1Ptr 4:14. **5:12:** 2Taw 36:16; Kis 7:52.

Garam dan cahaya

¹³ “Kamu ialah garam bumi. Jika garam menjadi tawar, tidak mungkinlah masin semula. Tidaklah berguna lagi, hanya layak dibuang dan dipijak orang.

¹⁴ Kamu ialah cahaya dunia ini. Kota di atas bukit tidak mungkin tersembunyi. ¹⁵ Tiada siapa memasang pelita lalu menyorokkannya di bawah pasu; tentu dia meletakkannya di atas kaki pelita untuk menerangi seisi rumah. ¹⁶ Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.”

Yesus dan hukum Taurat

¹⁷ “Jangan sangka Aku datang untuk menghapuskan Taurat dan ajaran nabi-nabi. Aku datang bukan untuk menghapuskan tetapi untuk menunaikan segala-galanya. ¹⁸ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, selagi ada langit dan bumi, satu titik atau huruf yang terkecil pun tidak akan hapus daripada Taurat sebelum semuanya ternyata berlaku. ¹⁹ Dengan demikian, jika

5:13: Mrk 9:50; Luk 14:34,35. **5:14:** Yoh 8:12; 9:5.

5:15: Mrk 4:21; Luk 8:16; 11:33. **5:16:** 1Ptr 2:12.

5:18: Luk 16:17.

seseorang melanggar hukum yang terkecil pun dan mengajar orang lain melanggarnya, dia akan tergolong antara mereka yang paling rendah dalam kerajaan syurga. Sebaliknya, jika seseorang mematuhi Taurat dan mengajar orang lain turut patuh, dia akan menjadi orang yang mulia dalam kerajaan syurga. ²⁰ Maka Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya, kamu tidak akan memasuki kerajaan syurga jika kesalihanmu^d tidak lebih daripada kesalihan ahli Taurat dan orang Farisi.”

²¹ “Kamu telah mendengar ajaran daripada nenek moyang kita: ‘Jangan membunuh. Sesiapa yang membunuh akan dihakimi.’

²² Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa yang marah terhadap saudaranya akan dihakimi. Sesiapa yang mencaci saudaranya akan dibawa ke hadapan Majlis Agama. Dan sesiapa yang memanggil saudaranya ‘bodoh’ akan dihumbankan ke dalam api neraka. ²³ Oleh itu, jika kamu sedang meletakkan persembahan kepada Allah di atas mazbah lalu teringat bahawa saudaramu bersanggit hati denganmu, ²⁴ tinggalkanlah persembahanmu di depan

^d**5:20** Perkataan, ‘kesalihan’ juga merangkumi erti ‘perbenaran.’ Lihat Mat 3:15

5:21: Kel 20:13; Ul 5:17.

mazbah, berdamai dahulu dengan saudaramu, kemudian barulah buat persembahanmu.

²⁵ Berdamailah dengan orang yang hendak mendakwamu di mahkamah sewaktu kamu masih dalam perjalanan ke situ. Jika tidak, dia akan menyerahkanmu kepada hakim, kemudian hakim menyerahkanmu kepada pegawai dan kamu akan dimasukkan ke dalam penjara.

²⁶ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa kamu akan meringkuk di dalam penjara hingga kamu menjelaskan semua bayaran.”

Bertzina

²⁷ “Kamu telah mendengar ajaran ini: ‘Jangan bertzina.’ ²⁸ Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa yang memandang seorang wanita dengan berahi, telah bertzina dengannya dalam hati. ²⁹ Jika mata kananmu menyebabkan kamu berdosa, cunckillah dan buanglah mata itu. Lebih baik kamu kehilangan satu bahagian tubuhmu daripada seluruh tubuhmu terhumban ke dalam neraka. ³⁰ Jika tangan kananmu menyebabkan kamu berdosa, potonglah dan buanglah tangan itu. Lebih baik kamu kehilangan

5:27: Kel 20:14; Ul 5:18. **5:29:** Mat 18:9; Mrk 9:47.

5:30: Mat 18:8; Mrk 9:43.

sebelah tanganmu daripada seluruh tubuhmu masuk ke dalam neraka.”

Perceraian

³¹ “Ada ajaran demikian: ‘Sesiapa menceraikan isterinya hendaklah memberinya surat cerai.’

³² Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa yang menceraikan isterinya kecuali kerana zina, menyebabkan wanita tersebut berzina jika berkahwin lagi; dan sesiapa berkahwin dengan wanita yang diceraikan itu, dia berzina.”

Membuat sumpah

³³ “Kamu telah mendengar ajaran kepada nenek moyang kita: ‘Jangan bersumpah palsu. Tunaikan sumpahmu kepada Tuhan.’ ³⁴ Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Janganlah bersumpah demi langit, kerana langit itu takhta Allah. ³⁵ Jangan bersumpah demi bumi, kerana bumi ini alas kaki-Nya. Atau demi Yerusalem, kerana itu kota Raja Agung, iaitu Allah. ³⁶ Demi kepalamu pun jangan, kerana kamu tidak berkuasa memutihkan

5:31: Ul 24:1-4; Mat 19:7; Mrk 10:4.

5:32: Mat 19:9; Mrk 10:11,12; Luk 16:18; 1Kor 7:10,11.

5:33 a: Im 19:12; **b:** Bil 30:2; Ul 23:21. **5:34 a:** Yak 5:12; **b:**

Yes 66:1; Mat 23:22. **5:35 a:** Yes 66:1; **b:** Mzm 48:2.

atau menghitamkan rambutmu walau sehelai.

³⁷ Katakan sahaja 'Ya' atau 'Tidak' dan kotakan kata itu. Yang lebih daripada itu datang daripada si durjana."

Mata diganti mata

³⁸ "Kamu telah mendengar ajaran begini: 'Mata diganti mata, gigi diganti gigi.' ³⁹ Tetapi Aku berkata kepadamu: Janganlah membalas dendam terhadap orang yang berbuat jahat kepadamu. Malah jika seseorang menampar pipi kananmu, palinglah pipi kirimu juga terhadapnya. ⁴⁰ Jika seseorang hendak mendakwamu untuk mendapatkan bajumu, berikanlah jubahmu juga. ⁴¹ Jika sesiapa memaksamu berjalan sebatu dengannya, pergilah dua batu bersamanya. ⁴² Jika seseorang meminta sesuatu daripadamu, berikanlah. Jika seseorang hendak meminjam sesuatu daripadamu, usahlah berpaling daripadanya."

Mengasihi musuhmu

⁴³ "Kamu telah mendengar ajaran yang berikut: 'Kasihilah sesama manusia dan bencilah musuhmu.' ⁴⁴ Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Kasihilah musuhmu dan doakan

orang yang menganiayamu. ⁴⁵ Dengan demikian kamu menjadi anak-anak Bapamu yang di syurga; kerana Allah menerbitkan matahari untuk orang yang jahat dan orang yang baik. Dia menurunkan hujan untuk orang yang benar dan orang yang tidak benar. ⁴⁶ Jika kamu mengasihi orang yang mengasihimu, apakah ganjaranmu? Bukankah pemungut cukai pun berbuat demikian? ⁴⁷ Jika kamu hanya beramah mesra dengan saudara-saudara selingkungan, apakah kelebihanmu daripada orang lain? Orang yang tidak mengenal Allah pun berbuat demikian. ⁴⁸ Hendaklah engkau sempurna seperti Bapamu di syurga.”

Bersedekah kepada orang miskin

6 ¹ “Ingatlah: Jangan buat amal ibadat^e di muka umum supaya dilihat orang; kamu tidak akan mendapat ganjaran daripada Bapamu yang di syurga.

² Oleh itu, ketika kamu bersedekah kepada orang miskin, jangan heboh-hebohkan seperti orang munafik meniup sangkakala di

^e6:1 Atau: Perbenaran.

saumaah^f dan di jalan raya, supaya dipuji orang. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, orang begitu sudah pun mendapat ganjaran mereka. ³ Apabila kamu bersedekah kepada orang miskin, jangan sampai tangan kirimu tahu apa yang dilakukan oleh tangan kananmu. ⁴ Jangan siapa pun mengetahuinya. Bapamu yang melihat amalmu yang tersembunyi itu akan memberikan ganjaran kepadamu.”

Doa

⁵ “Apabila kamu berdoa, janganlah seperti orang munafik. Mereka suka berdoa sambil berdiri di saumaah dan di simpang jalan supaya dilihat orang. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, mereka itu sudah pun mendapatkan ganjaran mereka. ⁶ Tetapi kamu, masuklah ke dalam bilik, tutup pintu dan berdoalah kepada Bapamu yang tidak dapat dilihat dengan mata. Dia mengetahui apa yang kamu lakukan secara tersembunyi dan akan memberikan ganjaran kepadamu.

⁷ Ketika berdoa, jangan curah-curahkan kata-kata yang tidak bermakna, seperti orang yang tidak mengenal Allah. Mereka menyangka

^f6:2,5 Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Allah akan mengabulkan permintaan mereka kerana doa mereka itu panjang. ⁸ Jangan berbuat seperti mereka. Bapamu tahu apa yang kamu perlukan sebelum kamu memohonnya.

⁹ Berdoalah demikian:

‘Ya Bapa kami yang di syurga,
Sucilah Nama-Mu.

¹⁰ Datanglah kerajaan-Mu.

Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.

¹¹ Berilah kami makanan untuk hari ini.

¹² Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka
yang bersalah terhadap kami.

¹³ Janganlah biarkan kami tergoda,
Selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. Amin.’

¹⁴ Jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadapmu, Bapamu yang di syurga akan mengampunkan kesalahanmu juga. ¹⁵ Tetapi jika kamu tidak mengampunkan kesalahan orang, Bapamu yang di syurga juga tidak akan mengampunkan kesalahanmu.”

Berpuasa

¹⁶ “Apabila kamu berpuasa, jangan tunjukkan muka lesu seperti orang munafik. Mereka memperlihatkan wajah menderita supaya semua orang tahu mereka berpuasa. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, mereka itu sudah pun mendapat ganjaran mereka. ¹⁷ Ketika berpuasa, minyakilah kepalamu dan basuhlah muka ¹⁸ supaya orang tidak tahu kamu berpuasa. Biarlah puasamu hanya diketahui oleh Bapamu yang tidak dapat dilihat dengan mata. Bapamu melihat perbuatanmu yang tersembunyi itu dan memberikan ganjaran kepadamu.”

Harta di syurga

¹⁹ “Jangan kumpulkan harta di dunia, kerana di sini gegat dan karat merosakkannya serta pencuri memecah masuk untuk mencurinya. ²⁰ Kumpulkan harta di syurga, kerana di situ gegat dan karat tidak dapat merosakkannya serta pencuri tidak memecah masuk untuk mencurinya. ²¹ Kerana di mana hartamu terkumpul, di situlah hatimu tertumpu.”

²² “Mata ialah pelita tubuh. Jika matamu terang, seluruh tubuhmu penuh dengan cahaya. ²³ Tetapi

jika matamu kabur, seluruh tubuhmu gelap. Jika cahaya di dalam tubuhmu menjadi gelap, maka gelap-gelitalah keadaannya!”

²⁴ “Seseorang tidak mungkin mengabdikan diri kepada dua orang tuan. Dia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain; atau akan setia kepada yang seorang dan mencela yang lain. Demikianlah, kamu tidak dapat menjadi hamba Allah dan juga hamba kekayaan.

Jangan khuatir

²⁵ Oleh itu, Aku berkata kepadamu: Janganlah khuatir tentang hidupmu, tentang apa yang kamu makan atau minum, atau tentang tubuhmu, dan tentang apa yang akan kamu pakai. Bukankah hidup lebih penting daripada makanan, dan tubuh lebih penting daripada pakaian? ²⁶ Lihatlah burung di udara, yang tidak menyemai, atau menuai atau menyimpan hasil di jelang; namun Bapamu yang di syurga memberinya makan. Bukankah kamu lebih bernilai daripada burung? ²⁷ Siapakah dalam kalanganmu yang dapat melanjutkan usianya sedikit pun dengan menaruh khuatir?

²⁸ Jadi, mengapakah kamu risau tentang pakaian? Lihatlah bunga bakung di padang, yang

tidak bekerja atau bertenun.²⁹ Namun demikian, Aku berkata kepadamu: Raja Salomo dengan segala kemegahannya pun tidak berpakaian seindah bunga itu.³⁰ Jika Allah menghiasi rumput di padang, yang wujud hari ini dan esoknya dibakar di dapur, tidakkah Allah akan memberimu pakaian? Begitu tipis kepercayaanmu!³¹ Jangan runsing tentang makanan, minuman atau pakaianmu.³² Bangsa-bangsa yang tidak mengenal Allah mencari hal-hal ini. Akan tetapi, bapamu yang di syurga tahu bahawa kamu memerlukan semua itu.³³ Utamakanlah kerajaan Allah serta perbenaran-Nya;^g dan semuanya itu akan diberikan kepadamu.³⁴ Oleh itu, jangan khuatir tentang hari esok, kerana hari esok akan khuatir tentang hal-halnya sendiri. Setiap hari sudah cukup dengan kesusahan sehari.”

Menghakimi orang lain

7¹ “Jangan hakimi orang lain, supaya kamu tidak dihakimi.² Kerana sebagaimana kamu menghakimi orang, demikian jugalah kamu

^g**6:33** Istilah ‘perbenaran’ dalam bahasa asal δικαιοσύνην (dikaiosynēn) mempunyai beberapa maksud. Dalam ayat ini, perbenaran ditafsirkan sebagai merujuk kepada sifat, kehendak Allah serta tuntutan-tuntutan-Nya. Lihat Kamus Alkitab untuk keterangan makna perkataan ini.

6:29: 1Raj 10:4-7; 2Taw 9:3-6. **7:2:** Mrk 4:24.

akan dihakimi. Ukuran yang kamu gunakan untuk mengukur akan digunakan terhadapmu.

³ Mengapakah kamu perhatikan selumbar di mata saudaramu, sedangkan kayu balak di matamu sendiri tidak kamu sedari? ⁴ Bagaimanakah kamu dapat berkata kepada saudaramu, 'Biarlah aku keluarkan selumbar daripada mata saudara,' sedangkan kayu balak terpampang di matamu sendiri? ⁵ Hai munafik! Keluarkanlah dahulu kayu balak daripada matamu, barulah penglihatanmu terang untuk mengeluarkan selumbar daripada mata saudaramu.

⁶ Jangan berikan sesuatu yang suci kepada anjing, atau mutiara kepada babi, nanti dipijak-pijaknya lalu berpaling menyerangmu."

Nasihat supaya berdoa

⁷ "Mintalah, dan kamu akan menerimanya; carilah, dan kamu akan mendapatnya; ketuklah pintu, dan pintu akan dibuka untukmu. ⁸ Setiap orang yang meminta akan menerima, setiap orang yang mencari akan mendapat; dan setiap orang yang mengetuk, pintu akan dibuka untuknya. ⁹ Bapa manakah akan memberikan batu kepada anaknya yang meminta roti? ¹⁰ Bapa manakah akan memberikan ular kepada anaknya yang meminta ikan? ¹¹ Kamu yang berdosa pun tahu memberikan yang baik kepada anakmu.

Lebih-lebih lagi Bapamu yang di syurga: Dia akan memberikan yang baik kepada mereka yang meminta daripada-Nya.

¹² Segala sesuatu yang kamu mahu orang lakukan kepadamu, lakukanlah demikian juga kepada mereka, kerana inilah ajaran Taurat dan nabi-nabi.”

Memilih jalan yang betul

¹³ “Masuklah melalui pintu yang sempit, kerana pintu gerbang dan jalan menuju kebinasaan itu lebar dan luas, maka ramai orang yang memilihnya. ¹⁴ Sebaliknya, pintu dan jalan ke hidup kekal itu sempit dan sukar. Hanya segelintir orang yang menjumpainya.”

Pokok dan buahnya

¹⁵ “Berjaga-jagalah tentang nabi palsu yang datang kepadamu dengan pakaian domba tetapi sebenarnya serigala ganas. ¹⁶ Kamu akan mengenal orang daripada hasil perbuatan mereka. Pernahkah orang memetik buah anggur dari rimbunan berduri? Atau pernahkah buah ara dipetik dari semak berduri? ¹⁷ Pokok yang subur menghasilkan buah yang baik manakala pokok yang tidak subur menghasilkan buah yang

tidak baik. ¹⁸ Pokok yang subur tidak mungkin menghasilkan buah yang tidak baik dan pokok yang tidak subur tidak mungkin menghasilkan buah yang baik. ¹⁹ Setiap pokok yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang dan dibakar. ²⁰ Demikianlah kamu akan mengenal orang daripada hasil perbuatan mereka.”

²¹ “Tidak semua orang yang memanggil-Ku, ‘Tuhan, Tuhan,’ akan memasuki kerajaan syurga, tetapi hanya mereka yang melaksanakan kehendak Bapa-Ku yang di syurga. ²² Pada hari itu ramai orang akan berkata kepada-Ku, ‘Tuhan, Tuhan, bukankah kami telah bernubuat dengan nama-Mu? Bukankah kami telah menghalau roh-roh iblis serta banyak melakukan mukjizat dengan nama-Mu?’ ²³ Tetapi Aku akan menjawab, ‘Aku tidak mengenalmu. Nyahlah kamu dari sini, hai kamu yang mungkar.’ ”

Dua jenis asas

²⁴ “Sesiapa yang mendengar dan menurut kata-kata-Ku ini ibarat orang bijak yang membina rumah di atas batu. ²⁵ Hujan mencurah, banjir melimpah dan angin kencang melanda, tetapi rumah itu tidak runtuh kerana berasaskan batu.

7:19: Mat 3:10; Luk 3:9. **7:20:** Mat 12:33.

7:23: Mzm 6:8.

²⁶ Sesiapa yang mendengar tetapi tidak menurut kata-kata-Ku ini ibarat orang bodoh yang membina rumah di atas pasir. ²⁷ Hujan mencurah, banjir melimpah dan angin kencang melanda, lalu runtuhlah rumah itu, punah ranap!”

²⁸ Setelah selesai Yesus menyampaikan kata-kata itu, orang ramai itu kagum dengan ajaran-Nya ²⁹ kerana Dia mengajar dengan penuh wibawa, tidak seperti ahli Taurat mereka.

Seorang yang menghidap penyakit kusta

8 ¹ Yesus turun dari bukit itu dan ramai orang mengikut-Nya. ² Seorang yang menghidap penyakit kusta datang bersujud di hadapan-Nya sambil berkata, “Tuan, sekiranya Tuan mahu, Tuan dapat mentahirkanku.”

³ Yesus menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh orang itu sambil berkata, “Aku mahu. Tahirlah!” Pada saat itu juga penyakit kustanya hilang. ⁴ Lalu Yesus berkata kepadanya, “Dengarlah, jangan beritahu sesiapa pun hal ini. Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada imam. Kemudian, persembahkan korban seperti yang diperintahkan oleh Musa, sebagai kesaksian kepada mereka.”

Iman seorang ketua tentera

⁵ Ketika Yesus sampai di Kapernaum, seorang ketua tentera menjumpai-Nya dan merayu kepada-Nya: ⁶ “Tuan, hambaku sakit di rumah, terlantar di katil tidak dapat bergerak, dan amat derita.”

⁷ Yesus menjawab, “Baiklah, Aku akan pergi menyembuhkannya.”

⁸ Tetapi ketua tentera itu berkata, “Usahlah Tuan datang ke rumahku. Aku tidak layak menyambut Tuan ke rumahku.^h Perintahkanlah sahaja, tentu hambaku akan sembuh. ⁹ Aku juga di bawah perintah orang atasan, dan aku ada askar di bawah tanganku. Apabila aku menyuruh seorang askar, ‘Pergi!’ dia pun pergi. Apabila aku menyuruh askar lain, ‘Mari!’ dia pun datang. Apabila aku menyuruh hambaku, ‘Buat ini!’ dia melakukannya.”

¹⁰ Yesus terkagum mendengarnya lalu berkata kepada orang ramai yang mengikut-Nya, “Sesungguhnya, belum pernah Kutemui orang yang demikian teguh imannya, walau di Israel pun. ¹¹ Ketahuilah! Ramai orang akan datang dari timur dan barat lalu duduk di meja menikmati

^h**8:8** Atau: Menyambut Tuan sebagai tamu.

8:11: Luk 13:29.

jamuan bersama Abraham, Ishak dan Yakub dalam kerajaan syurga. ¹² Sebaliknya, anak-anak kerajaan itu akan dihumbankan ke dalam kegelapan di luar; di sana akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.”

¹³ Lalu Yesus berkata kepada ketua tentera itu, “Pulanglah! Apa yang kamu percayai itu akan terjadi.” Pada ketika itu juga sembuhlah hamba ketua tentera itu.

Yesus menyembuhkan ramai orang

¹⁴ Yesus pergi ke rumah Petrus. Dia melihat ibu mertua Petrus terbaring di katil kerana demam. ¹⁵ Apabila Yesus menyentuh tangannya, serta-merta demamnya hilang. Dia pun bangun, dan melayan Yesus.

¹⁶ Setelah hari petang, ramai orang yang dirasuk roh iblis dibawa kepada Yesus. Dia menghalau roh-roh iblis itu dengan sepatah kata sahaja dan menyembuhkan semua yang sakit. ¹⁷ Yesus melakukan semua itu supaya terjadilah apa yang dikatakan oleh Nabi Yesaya:

“Dialah yang memikul kelemahan kita dan menanggung penyakit kita.”

Mengikuti Yesus

¹⁸ Apabila Yesus melihat orang ramai di sekeliling-Nya, Dia pun mengeluarkan arahan supaya bertolak ke seberang tasik. ¹⁹ Seorang ahli Taurat mendapatkan Yesus lalu berkata, “Guru, aku sanggup mengikut-Mu ke mana-mana sahaja.”

²⁰ Yesus berkata kepadanya, “Musang ada lubangNya dan burung di udara ada sarangnya, tetapi Anak Manusia tidak ada tempat untuk meletakkan kepala-Nya.”

²¹ Seorang murid lain berkata, “Tuhan, izinkanlah aku pulang dahulu untuk menguburkan jenazah bapaku.”

²² Tetapi Yesus menjawab, “Ikutlah Aku. Biarlah orang mati menguburkan orang mati mereka.”

Yesus menenangkan badai

²³ Yesus menaiki sebuah perahu, dan diikuti oleh murid-murid-Nya. ²⁴ Tiba-tiba badai melanda dan ombak mengganas sehingga perahu dipenuhi air. Ketika itu Yesus sedang tidur. ²⁵ Para murid Yesus datang membangunkan-Nya. Mereka berkata, “Tuhan, selamatkan nyawa kami semua daripada maut!”

²⁶ Yesus menjawab, “Mengapakah kamu takut? Begitu tipis kepercayaanmu kepada-Ku!” Dia

pun bangun menegur angin dan ombak itu. Serta-merta semuanya tenang sekali.

²⁷ Para murid Yesus tercengang lalu berkata, “Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya. Siapakah orangnya ini?”

Yesus menghalau roh iblis

²⁸ Setelah tiba di seberang, di daerah Gadara, Yesus didekati oleh dua orang yang dirasuk roh iblis. Mereka keluar dari gua kubur. Kedua-duanya begitu ganas sehingga orang tidak berani lalu di situ. ²⁹ Apabila mereka melihat Yesus, mereka berseru, “Apa urusan-Mu dengan kami, ya Anak Allah? Adakah Engkau hendak menghukum kami sebelum sampai masanya?”

³⁰ Ada sekawan babi sedang makan agak jauh dari situ. ³¹ Roh-roh iblis itu merayu kepada Yesus, “Jika Engkau hendak menyuruh kami keluar, suruhlah kami masuk ke dalam tubuh babi sekawan itu.”

³² Dan Yesus memerintah roh-roh itu, “Pergilah.” Maka roh-roh itu pun keluar lalu memasuki babi-babi itu. Seluruh kawanan babi itu pun lari ke pinggir jurang laut lalu terjun dan mati lemas. ³³ Penjaga-penjaga babi itu lari ke bandar lalu menceritakan hal itu serta apa yang telah terjadi kepada kedua-dua orang yang dirasuk roh iblis itu. ³⁴ Seluruh penduduk bandar

itu pun datang berjumpa dengan Yesus dan memohon-Nya pergi dari daerah itu.

Orang lumpuh disembuhkan

9¹ Yesus menaiki sebuah perahu lalu ke seberang, dan sampai di bandar tempat Dia tinggal. ² Beberapa orang membawa kepada-Nya seorang lumpuh yang terbaring di atas tikar. Ketika Yesus melihat iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, “Tegapkanlah hatimu, anak-Ku! Dosamu telah diampunkan.”

³ Sebilangan ahli Taurat di situ berfikir dalam hati, “Orang ini mengkufuri Allah!”

⁴ Yesus tahu apa yang difikirkan oleh mereka itu lalu Dia berkata, “Mengapa kamu fikirkan perkara sejahat itu dalam hatimu? ⁵ Manakah yang lebih mudah dikatakan, ‘Dosamu telah diampunkan,’ atau ‘Bangun dan berjalan?’ ⁶ Aku akan membuktikan kepadamu bahawa di bumi ini Anak Manusia berkuasa mengampunkan dosa.” Kemudian Yesus berkata kepada orang lumpuh itu, “Bangun, angkat tikarmu dan pulanglah.”

⁷ Orang lumpuh itu pun bangun lalu pulang ke rumahnya. ⁸ Melihat kejadian itu, orang di situ ketakutan dan memuji Allah yang memberikan kuasa yang sedemikian besarnya kepada manusia.

Matius dipanggil mengikut Yesus

⁹ Yesus meninggalkan tempat itu. Ketika Yesus berjalan di situ, Dia terpandang seorang pemungut cukai bernama Matius sedang duduk di tempat memungut cukai. Yesus berkata, “Ikutlah Aku.” Lalu Matius berdiri dan mengikut-Nya.

¹⁰ Ketika Yesus sedang makan di rumah Matius, ramai pemungut cukai dan orang berdosa makan bersama Yesus dan murid-murid-Nya. ¹¹ Orang Farisi yang melihat perkara itu bertanya kepada murid-murid Yesus, “Mengapa gurumu makan bersama pemungut cukai dan orang berdosa?”

¹² Yesus terdengar pertanyaan itu lalu menjawab, “Orang sakitlah yang memerlukan tabib, bukannya orang sihat. ¹³ Kajilah erti ayat ini: ‘Aku menghendaki belas kasihan, bukan korban sembelihan.’ Itulah maka Aku datang bukan untuk memanggil orang benar tetapi orang berdosa.”

Perkara tentang puasa

¹⁴ Selepas itu, para murid Yohanes Pembaptis mendapatkan Yesus lalu bertanya, “Mengapakah

kami dan orang Farisi berpuasa tetapi murid-murid-Mu tidak?”

¹⁵ Yesus menjawab, “Patutkah tetamu dalam jamuan perkahwinan bersedih semasa pengantin lelaki masih bersama mereka? Tetapi akan tiba saatnya pengantin lelaki itu diambil daripada mereka. Pada masa itulah mereka berpuasa.

¹⁶ Tiada siapa akan menampal pakaian lama dengan perca kain baru, kerana tampalan itu akan mengecut dan semakin koyaklah pakaian.

¹⁷ Begitu juga, tiada siapa menuangkan air anggur yang baru ke dalam kirbat kulit yang lama. Kalau dilakukan, kirbat itu akan pecah, air anggur itu akan terbang dan kirbat itu pun rosak. Air anggur yang baru mesti dituangkan ke dalam kirbat kulit yang baru, dan kedua-duanya selamat.”

Yesus melakukan mukjizat

¹⁸ Sedang Yesus berkata-kata hal-hal ini kepada mereka, seorang ketua saumaahⁱ bersujud di hadapan-Nya lalu berkata, “Anak perempuanku baru meninggal dunia. Datanglah, letakkan tangan-Mu di atasnya supaya dia hidup kembali.”

ⁱ9:18,35 Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

¹⁹ Yesus pun bangun lalu pergi bersamanya, diiringi oleh murid-murid-Nya.

²⁰ Ketika itu, ada seorang wanita yang telah menghidap penyakit pendarahan selama dua belas tahun. Dia mendekati Yesus dari belakang lalu menyentuh hujung jubah-Nya. ²¹ Fikir wanita itu dalam hatinya, “Apabila kusentuh jubah-Nya, tentu aku akan sembuh.”

²² Yesus menoleh dan melihatnya lalu berkata kepadanya, “Tegapkanlah hatimu, anak-Ku! Imanmu telah menyembuhkanmu.” Seketika itu wanita itu sembuh.

²³ Apabila Yesus sampai di rumah ketua itu, Dia nampak para pemain seruling dan semua orang di situ kelam-kabut. ²⁴ Dia berkata, “Keluarlah kamu semua! Anak ini bukan mati, cuma tidur.”

Mereka mentertawakan Yesus. ²⁵ Tetapi setelah mereka keluar, Yesus masuk ke bilik anak perempuan itu dan memegang tangannya lalu anak itu bangun. ²⁶ Khabar ini tersebar ke seluruh daerah itu.

Yesus menyembuhkan orang buta

²⁷ Ketika Yesus meninggalkan tempat itu, dua orang buta mengikut-Nya sambil berseru, “Wahai Anak Daud, kasihanilah kami!”

²⁸ Ketika Yesus masuk ke rumah, kedua-dua orang buta itu mendekati-Nya. Yesus

bertanya, “Percayakah kamu bahawa Aku dapat menyembuhkanmu?”

“Percaya, Tuhan!” jawab mereka.

²⁹ Yesus pun menyentuh mata mereka sambil berkata, “Kerana imanmu, terjadilah seperti apa yang kamu inginkan!” ³⁰ Pada ketika itu juga mereka menjadi celik. Yesus mengingatkan mereka, “Jangan ceritakan hal ini kepada siapa pun.”

³¹ Tetapi mereka pergi menyebarkan khabar tentang Yesus ke seluruh daerah itu.

Yesus menyembuhkan seorang bisu

³² Selepas itu, seorang yang bisu kerana dirasuk roh iblis dibawa kepada Yesus. ³³ Yesus menghalau roh iblis itu dan serta-merta orang itu mula berkata-kata. Semua yang melihatnya tercengang lalu berkata, “Belum pernah kami lihat hal begini di Israel!”

³⁴ Tetapi orang Farisi berkata, “Ketua roh iblis telah memberi Dia kuasa untuk menghalau roh-roh iblis.”

Belas kasihan Yesus terhadap orang

³⁵ Demikianlah Yesus berjalan, dari bandar ke bandar, dari pekan ke pekan. Dia mengajar di saumaah dan menyampaikan Injil^j tentang kerajaan Allah, serta menyembuhkan semua penyakit dan kesakitan. ³⁶ Apabila Yesus melihat orang yang ramai itu, Dia berbelas kasih terhadap mereka kerana mereka bimbang dan tidak berdaya, ibarat sekawan domba tanpa gembala. ³⁷ Kata Yesus kepada murid-murid-Nya, “Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir. ³⁸ Berdoalah dengan bersungguh-sungguh kepada tuan yang empunya tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk menuai.”

Yesus mengutus dua belas orang murid

10 ¹ Yesus memanggil dua belas orang murid-Nya lalu memberi mereka kuasa untuk menghalau roh-roh jahat dan menyembuhkan pelbagai penyakit dan kesakitan.

² Nama dua belas orang itu ialah: Simon yang dipanggil Petrus, dan saudaranya Andreas; Yakobus dan saudaranya Yohanes, iaitu anak-anak

j9:35 Atau: Perkhabaran baik.

9:35: Mat 4:23; Mrk 1:39; Luk 4:44. **9:36:** Bil 27:17; 1Raj 22:17; 2Taw 18:16; Yeh 34:5; Mrk 6:34. **9:37:** Luk 10:2.

Zebedeus; ³ Filipus dan Bartolomeus; Tomas, dan Matius yang dahulunya pemungut cukai; Yakobus anak Alfeus, dan Tadeus; ⁴ Simon orang Patriot, dan Yudas Iskariot yang mengkhianati Dia.

⁵ Yesus mengutus dua belas orang murid itu dengan petunjuk demikian: “Janganlah pergi ke daerah bangsa-bangsa asing atau ke kota orang Samaria. ⁶ Pergilah kepada domba-domba hilang antara keturunan kaum Israel. ⁷ Pergilah dan khabarkanlah bahawa kerajaan syurga sudah dekat. ⁸ Sembuhkanlah orang yang sakit, hidupkan orang yang mati; ubati orang yang berpenyakit kusta dan halaukan roh-roh iblis. Sebagaimana pemberian dilimpahkan kepadamu, limpahkanlah pemberian. ⁹ Janganlah bawa wang emas, perak mahupun tembaga dalam tali pinggangmu. ¹⁰ Jangan bawa beg, atau dua helai baju, atau kasut, atau tongkat dalam perjalananmu, kerana seorang pekerja layak menerima makanannya.

¹¹ Apabila kamu sampai di suatu bandar atau pekan, carilah seorang yang rela menyambutmu. Menetaplah di rumahnya hingga kamu beredar dari tempat itu. ¹² Ketika kamu masuk ke rumah itu, berilah salam. ¹³ Jika penghuni di rumah itu layak, biarlah salam sejahteramu merestui

mereka. Jika tidak, biarlah salammu itu kembali kepadamu. ¹⁴ Sekiranya sesuatu rumah atau bandar enggan menyambutmu atau mendengar kata-katamu, tinggalkanlah tempat itu dan kebasanlah debu daripada tapak kakimu.

¹⁵ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu: pada hari penghakiman itu, hukuman atas Sodom dan Gomora lebih ringan daripada atas bandar itu.”

¹⁶ “Dengarlah, Aku mengutus kamu seperti domba ke tengah-tengah serigala. Hendaklah kamu bijak seperti ular dan tulus seperti merpati.

¹⁷ Berhati-hatilah, kerana kamu akan ditangkap lalu diseret ke mahkamah, dan akan disebat di saumaah^k mereka. ¹⁸ Kerana-Ku, kamu akan dibawa ke hadapan pemerintah dan raja sebagai saksi kepada mereka dan kepada bangsa yang tidak mengenal Allah. ¹⁹ Ketika mereka menangkapmu, janganlah kkuatir tentang apa yang harus kamu katakan atau bagaimana kamu harus mengatakannya. Kamu akan diberitahu apa yang harus kamu katakan pada waktu itu.

^k**10:17** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

10:14: Kis 13:51. **10:15 a:** Mat 11:24; **b:** Kej 19:24-28; Luk 10:4-12. **10:16:** Luk 10:3.

10:17: Mrk 13:9-11; Luk 12:11,12; 21:12-15.

²⁰ Bukanlah kamu yang bertutur, tetapi Roh Bapamu yang bertutur melaluimu.

²¹ Saudara akan berlaku khianat terhadap saudara, bapa terhadap anak, dan anak terhadap ibu bapa, lalu menyerahkan mereka untuk dibunuh. ²² Kamu akan dibenci oleh semua orang kerana nama-Ku. Tetapi sesiapa yang bertahan hingga ke akhir akan diselamatkan.

²³ Apabila kamu dianiaya di sesuatu bandar, larilah ke bandar lain. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, Anak Manusia akan datang semula sebelum kamu sempat menyelesaikan kunjungan^l di semua bandar di Tanah Israel.

²⁴ Tiada murid yang melebihi gurunya; tiada hamba yang melebihi tuannya. ²⁵ Murid haruslah berpuas hati menjadi seperti gurunya; hamba haruslah berpuas hati menjadi seperti tuannya. Jika ketua keluarga dipanggil Beelzebul, betapa lagi ahli-ahli keluarganya!”

²⁶ “Jangan takut akan manusia. Yang tersembunyi akan dinyatakan; yang dirahsiakan

^l**10:23** Atau: Kamu sempat menyampaikan ajaran-Ku.

10:21: Mrk 13:12; Luk 21:16.

10:22 a: Mat 24:9; Mrk 13:13; Luk 21:17; **b:** Mat 24:13; Mrk 13:13. **10:24 a:** Luk 6:40; **b:** Yoh 13:16; 15:20.

10:25: Mat 9:34; 12:24; Mrk 3:22; Luk 11:15.

10:26: Mrk 4:22; Luk 8:17.

akan didedahkan. ²⁷ Apa yang Kukatakan kepadamu secara rahsia, sampaikanlah secara terang-terang. Apa yang dibisikkan di telingamu, umumkanlah dari atas bumbung. ²⁸ Jangan takut akan mereka yang hanya dapat membunuh jasad tetapi tidak berkuasa memusnahkan jiwa. Takutilah Dia yang berkuasa memusnahkan jasad dan jiwa di dalam neraka. ²⁹ Bukankah dua ekor burung pipit dibeli dengan harga satu syiling? Namun tidak seekor pun jatuh ke tanah tanpa izin Bapamu. ³⁰ Setiap helai rambut di kepalamu telah dihitung. ³¹ Oleh itu, usahlah takut; kamu lebih berharga daripada banyak burung pipit!”

³² “Sesiapa mengakui-Ku di hadapan orang ramai, akan Kuakui di hadirat Bapa-Ku di syurga. ³³ Sebaliknya, sesiapa yang menyangkal-Ku di hadapan manusia, akan Kusangkal di hadirat Bapa-Ku di syurga.”

³⁴ “Jangan sangka Aku datang untuk membawa damai ke dunia. Aku datang bukan untuk membawa damai ke dunia melainkan pedang.

³⁵ Dengan kedatangan-Ku, ‘anak lelaki melawan bapanya, anak perempuan melawan ibunya, dan menantu perempuan melawan ibu mertuanya.

³⁶ Ahli keluarganya sendiri akan menjadi musuhnya.’

³⁷ Sesiapa yang lebih mengasihi bapa atau ibunya daripada-Ku, tidak layak menjadi murid-Ku. Begitu juga, sesiapa yang lebih mengasihi anaknya daripada-Ku, tidak layak menjadi murid-Ku. ³⁸ Sesiapa yang enggan memikul salibnya dan mengikut-Ku, tidak layak menjadi murid-Ku. ³⁹ Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangannya, dan sesiapa yang kehilangan hidupnya kerana menjadi murid-Ku akan mendapat hidupnya.”

⁴⁰ “Sesiapa yang menyambutmu, menyambut-Ku juga, dan sesiapa yang menyambut-Ku menyambut Dia yang mengutus-Ku. ⁴¹ Sesiapa yang menyambut seorang nabi^m kerana dia seorang nabi, akan menerima ganjaran seorang nabi. Sesiapa yang menyambut seorang yang benar kerana dia seorang yang benar, akan menerima ganjaran seorang yang benar.

⁴² Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang memberikan minum walau hanya secawan air sejuk kepada seorang murid-Ku yang paling rendah pun kerana dia murid-Ku, pasti akan mendapat ganjarannya.”

^m**10:41** Atau: Pesuruh Allah.

10:38: Mat 16:24; Mrk 8:34; Luk 9:23.

10:39: Mat 16:25; Mrk 8:35; Luk 9:24; 17:33; Yoh 12:25.

10:40 a: Luk 10:16; Yoh 13:20; **b:** Mrk 9:37; Luk 9:48.

Yesus dan Yohanes Pembaptis

11 ¹ Setelah Yesus memberikan petunjuk kepada dua belas orang murid-Nya itu, Dia meninggalkan tempat itu lalu pergi mengajar dan menyampaikan perkhabaran daripada Allah di bandar-bandar berhampiran.

² Yohanes yang meringkuk di penjara mendengar tentang apa yang dilakukan oleh Kristus. Yohanes pun menyuruh beberapa orang muridnya untuk bertanya kepada Yesus.

³ Mereka bertanya, “Adakah Tuan ini orang yang akan datang itu, atau perlukah kami menunggu seorang yang lain?”

⁴ Yesus menjawab mereka, “Pulanglah, beritahu Yohanes apa yang kamu dengar dan lihat: ⁵ Orang buta melihat, orang lumpuh berjalan, orang kusta ditahirkan, orang tuli mendengar, orang mati dihidupkan semula, dan perkhabaran baik disampaikan kepada orang miskin. ⁶ Diberkatilah orang yang tidak berpaling daripada Aku!”

⁷ Ketika murid-murid Yohanes beredar dari situ, Yesus mula berkata kepada orang ramai tentang Yohanes: “Apabila kamu mendapatkan Yohanes di gurun, apakah yang ingin kamu lihat? Sehelai rumput mensiang yang ditiup angin?”

⁸ Kamu ke sana hendak melihat apa? Seorang yang berpakaian mewah? Orang yang berpakaian demikian tinggal di istana. ⁹ Oleh itu, kamu ke sana untuk melihat apa? Seorang nabi? Betul, malah Aku berkata kepadamu, lebih daripada seorang nabi. ¹⁰ Tentang orang itulah telah tersurat dalam Kitab Suci:

‘Aku akan menghantar utusan-Ku untuk mendahului-Mu;

dialah yang akan menyediakan jalan bagi-Mu.’

¹¹ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, di antara mereka yang dilahirkan oleh perempuan, belum pernah muncul seorang pun yang lebih besar daripada Yohanes Pembaptis. Namun begitu, orang yang terkecil dalam kerajaan syurga lebih besar daripadanya. ¹² Sejak kedatangan Yohanes Pembaptis hinggalah ke hari ini, kerajaan syurga telah diserang oleh orang yang ingin menguasainya melalui kekerasan dan keganasan, dan orang yang ganas berusaha menguasainya dengan kekerasan. ¹³ Kerana semua nabi termasuk Musa dengan Taurat bernubuat hingga datangnya Yohanes. ¹⁴ Sekiranya kamu mahu percaya akan perkhabaran mereka, Yohanes itulah Elia yang telah dinubuatkan

11:10: Mal 3:1. **11:12:** Luk 16:16.

11:14: Mal 4:5; Mat 17:10-13; Mrk 9:11-13.

kedatangannya. ¹⁵ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah!

¹⁶ Dengan apakah dapat Kubandingkan manusia zaman ini? Mereka umpama anak-anak yang duduk di pasar, satu kumpulan berseru kepada yang lain:

¹⁷ ‘Kami memainkan seruling untukmu, tetapi kamu enggan menari; kami menyanyi lagu ratap, tetapi kamu enggan menangis.’

¹⁸ Ketika Yohanes datang, dia berpuasa dan tidak minum air anggur, lalu semua orang berkata, ‘Dia dirasuk roh iblis!’ ¹⁹ Ketika Anak Manusia datang, Dia makan dan minum, lalu semua orang berkata, ‘Lihatlah Dia ini: pelahap,ⁿ pemabuk, kawan kepada pemungut cukai dan orang berdosa!’ Namun demikian, kebijaksanaan terbukti benar dengan perbuatannya.”

Penduduk yang enggan bertaubat

²⁰ Yesus mengecam bandar-bandar tempat Dia paling banyak melakukan mukjizat, kerana penduduknya enggan bertaubat. ²¹ “Malangnya kamu, hai Korazin! Malangnya kamu, hai

ⁿ**11:19** Pelahap seorang yang gelojoh.

11:21: Yes 23:1-18; Yeh 26:1—28:26; Yl 3:4-8; Am 1:9,10; Za 9:2-4.

Betsaida! Sekiranya mukjizat-mukjizat yang dilakukan dalam kalanganmu dilakukan di Tirus dan Sidon, tentu sudah lama orang di situ bertaubat, dengan memakai baju kabung dan membubuh abu di kepala. ²² Akan tetapi, pada hari penghakiman itu, hukuman atas Tirus dan Sidon lebih ringan daripada atas kamu! ²³ Kamu juga, hai Kapernaum! Akankah dirimu ditinggikan sampai ke langit? Tidak, kamu akan dihumbankan ke neraka! Kalaulah mukjizat-mukjizat yang dilakukan dalam kalanganmu itu dilakukan di Sodom, tentu Sodom masih ada hingga kini! ²⁴ Aku berkata kepadamu, pada hari penghakiman itu, hukuman atas Sodom lebih ringan daripada atas kamu!”

Jemputan Yesus

²⁵ Selepas itu Yesus berucap, “Ya Bapa, Tuhan langit dan bumi! Aku bersyukur kepada-Mu, kerana apa yang Kaurahsiakan daripada cerdik pandai, Kautunjukkan kepada kanak-kanak kecil. ²⁶ Ya Bapa, memang inilah yang Engkau berkenan.”

²⁷ “Bapa-Ku telah menyerahkan segala-galanya kepada-Ku. Tiada yang mengenal Anak kecuali

Bapa, dan tiada yang mengenal Bapa kecuali Anak serta orang yang terpilih Anak untuk menyatakan Bapa.

²⁸ Marilah ke sisi-Ku, wahai semua yang jerih lelah dan memikul beban berat; Aku akan memberimu kelegaan. ²⁹ Ambillah kuk daripada-Ku dan terimalah ajaran-Ku, kerana Aku ini lemah lembut dan rendah hati, maka jiwamu akan tenang. ³⁰ Sebab kuk-Ku serba mudah, dan beban-Ku pun ringan.^o

Tuhan atas hari Sabat

12 ¹ Pada suatu hari Sabat, Yesus berjalan melalui ladang gandum. Para murid-Nya lapar lalu memetik bulir gandum dan memakannya. ² Apabila orang Farisi melihat perkara ini, mereka berkata kepada Yesus, “Lihatlah, murid-Mu melakukan sesuatu yang dilarang pada hari Sabat!”

³ Yesus menjawab, “Tidakkah kamu membaca apa yang dilakukan oleh Daud apabila dia dan mereka yang ada bersamanya berasa lapar?”

⁴ Daud masuk ke dalam Rumah Allah, lalu dia

^o**11:30** Atau: Perintah yang Kuberikan kepadamu mudah diturut, dan beban yang Kuberi mudah dipikul.

11:29: Yer 6:16. **12:1:** Ul 23:25. **12:3:** 1Sam 21:1-6.

12:4: Im 24:9; 1Sam 21:1-6.

dan mereka yang ada bersamanya makan roti persembahan, meskipun perbuatan itu dilarang kerana hanya imam dibenarkan makan roti itu. ⁵ Tidakkah kamu baca dalam Taurat Musa betapa setiap hari Sabat imam di Bait Suci melanggar hukum hari Sabat? Namun demikian, mereka tidak disalahkan. ⁶ Aku berkata kepadamu: Di sini ada yang lebih besar daripada Bait Suci. ⁷ Ada tersurat: 'Aku menghendaki belas kasihan, bukan korban sembelihan.' Jika kamu benar-benar memahami ayat itu, tentulah tidak kamu salahkan orang yang tidak bersalah; ⁸ kerana Anak Manusia ialah Tuhan atas hari Sabat."

⁹ Yesus beredar dari situ lalu masuk ke sebuah saumaah^p mereka. ¹⁰ Di situ ada seorang yang lumpuh sebelah tangannya. Beberapa orang cuba mencari alasan untuk menuduh Yesus. Mereka bertanya kepada-Nya, "Tidakkah menyembuhkan orang pada hari Sabat melanggar hukum?"

¹¹ Yesus menjawab, "Apakah yang akan kamu lakukan jika seorang daripadamu mempunyai seekor domba, dan pada hari Sabat domba itu terjatuh ke dalam lubang? Tentulah kamu

^p**12:9** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

12:5: Bil 28:9,10. **12:7 a:** Mat 9:13; **b:** Hos 6:6.

12:11: Luk 14:5.

berusaha untuk menariknya keluar. ¹² Betapa lebih berharganya manusia daripada domba? Oleh itu, berbuat baik pada hari Sabat tidak melanggar hukum.”

¹³ Setelah itu, Yesus berkata kepada orang yang lumpuh sebelah tangannya itu, “Hulurkanlah tanganmu.” Orang itu pun menghulurkan tangannya yang lumpuh lalu tangan itu terus sembuh sama seperti yang sebelahnya. ¹⁴ Ketika itu orang Farisi beredar dari situ lalu berpakat hendak membunuh Yesus.

Yesus Hamba Allah

¹⁵ Apabila Yesus mengetahui pakatan itu, Dia pun meninggalkan tempat itu. Ramai orang mengikut-Nya dan ramai yang disembuhkan-Nya daripada pelbagai penyakit. ¹⁶ Dia melarang keras mereka mengatakan siapa Dia. ¹⁷ Dengan demikian terjadilah firman Allah melalui Nabi Yesaya:

¹⁸ “Inilah hamba-Ku yang telah Kupilih,
Yang Kukasihi dan Kuredai.

Aku akan menaruh Roh-Ku ke atas-Nya,
dan keadilan-Ku akan diisytiharkan-Nya
kepada semua bangsa.

¹⁹ Dia tidak akan bertengkar atau membentak,

ataupun bersuara lantang di jalan raya.

²⁰ Sehelai rumput mensiang yang terkulai tidak akan dipatahkan-Nya, dan sumbu yang malap tidak akan dipadamkan-Nya, sehingga Dia berjaya menegakkan keadilan.

²¹ Dalam nama-Nya, bangsa-bangsa asing akan bersandar harap kepada-Nya.”

Yesus dan Beelzebul

²² Setelah itu, seorang yang buta dan bisu kerana dirasuk roh iblis dibawa kepada Yesus lalu disembuhkan-Nya. ²³ Orang ramai di situ ketakjuban lalu bertanya sama sendiri, “Mungkinkah Dia ini Anak Daud?”

²⁴ Apabila orang Farisi mendengar tentang itu, mereka menjawab, “Dia dapat menghalau roh-roh iblis kerana diberi kuasa oleh Beelzebul, ketua roh iblis.”

²⁵ Yesus mengetahui isi hati mereka lalu berkata, “Kerajaan yang berpecah belah akan hancur lebur dan kota atau keluarga^q yang berpecah belah tidak dapat bertahan. ²⁶ Begitu juga,

^q**12:25** Keluarga merujuk kepada seisi rumah termasuk sanak saudara, pembantu rumah dan semua penghuni dalam rumah keluarga itu.

andainya Iblis mengusir Iblis, dia akan berpecah belah, dan bagaimanakah kerajaannya dapat bertahan? ²⁷ Tetapi jika Aku menghalau roh-roh iblis dengan kuasa Beelzebul, maka dengan kuasa siapakah pula pengikut-pengikutmu menghalau roh-roh iblis? Oleh itu, merekalah yang akan menjadi hakimmu. ²⁸ Tetapi jika Aku menghalau roh-roh iblis dengan Roh Allah, maka sesungguhnya kerajaan Allah sudah bertapak dalam kalanganmu.

²⁹ Atau bagaimanakah orang dapat memasuki rumah seorang yang gagah dan merampas harta bendanya kecuali orang gagah itu dapat diikat dahulu? Selepas itu, barulah dia dapat merompak rumahnya.

³⁰ Orang yang tidak berpihak kepada-Ku menentang-Ku; dan orang yang tidak mengumpulkan bersama-Ku menceraiberaikan.

³¹ Ketahuilah: Orang yang berbuat dosa dan mengucapkan kata-kata kufur akan diampuni, tetapi mereka yang mengkufuri Roh Kudus tidak akan diampuni. ³² Orang yang menentang Anak Manusia dengan kata-katanya dapat diampuni, tetapi mereka yang menghina Roh Kudus tidak dapat diampuni, baik di dunia mahupun di akhirat.”

³³ “Jika kamu ingin mendapat buah yang baik, kamu harus mempunyai pokok yang baik. Jika pokok tidak baik, buahnya pun tidak baik. Baik tidaknya pokok diketahui daripada buahnya.

³⁴ Hai kamu bagaikan ular kapak berbisa, bagaimana dapat kamu tuturkan perkara yang baik sedangkan dirimu jahat? Yang diluahkan mulut meluap daripada hati. ³⁵ Orang yang baik membuahkan hal-hal baik daripada khazanah simpanannya kerana hatinya penuh kebaikan. Orang yang jahat membuahkan hal-hal jahat kerana hatinya penuh kejahatan. ³⁶ Aku berkata kepadamu: Pada hari penghakiman, setiap orang harus mempertanggungjawabkan setiap katanya yang tidak sewajarnya dituturkan. ³⁷ Kata-katamu sendiri akan dijadikan ukuran sama ada kamu bersalah atau tidak, dan dengan kata-katamu sendiri pula kamu dihukum.”

Petanda Yunus

³⁸ Selepas itu, beberapa orang ahli Taurat dan orang Farisi berkata kepada Yesus, “Guru, kami ingin melihat suatu tanda mukjizat daripada-Mu.”

12:33: Mat 7:20; Luk 6:44.

12:34 a: Mat 3:7; 23:33; Luk 3:7; **b:** Mat 15:18; Luk 6:45.

12:38: Mat 16:1; Mrk 8:11; Luk 11:16.

³⁹ Tetapi Yesus menjawab, “Manusia zaman yang durjana dan tidak setia ini ingin melihat tanda mukjizat. Tetapi satu tanda pun tidak akan ditunjukkan kepadanya kecuali tanda nabi Yunus. ⁴⁰ Sebagaimana Yunus tinggal tiga hari tiga malam di dalam perut ikan besar, begitu jugalah Anak Manusia akan tinggal tiga hari tiga malam di dalam perut bumi. ⁴¹ Pada hari penghakiman, orang Niniwe akan bangkit bersama orang zaman ini dan menuduhnya pula kerana orang Niniwe itu bertaubat apabila mendengar perkhabaran Yunus; dan sekarang di sini ada yang lebih besar daripada Yunus. ⁴² Pada hari penghakiman, Ratu Syeba dari Selatan akan bangkit bersama orang zaman ini dan menuduhnya pula, kerana dia telah datang dari hujung bumi untuk mendengar hikmah Raja Salomo; dan sekarang di sini ada yang lebih besar daripada Raja Salomo.

⁴³ “Apabila roh jahat keluar daripada seseorang, roh itu akan menjelajahi kawasan yang tandus untuk mencari tempat berehat. Sekiranya tempat itu tidak ditemukannya, ⁴⁴ roh itu akan berkata, ‘Aku akan pulang ke rumah yang telah kutinggalkan.’ Roh itu pun pulang dan mendapati rumah itu kosong, bersih dan kemas. ⁴⁵ Roh

12:39: Mat 16:4; Mrk 8:12. **12:40:** Yun 1:17.

12:41: Yun 3:5. **12:42:** 1Raj 10:1-10; 2Taw 9:1-12.

itu lalu pergi memanggil tujuh roh lain yang lebih durjana daripadanya. Semuanya memasuki tubuh orang itu dan menetap di situ. Akhirnya keadaan orang itu lebih teruk daripada dahulu. Inilah yang akan terjadi kepada manusia durjana zaman ini.”

Yesus dan sanak saudara-Nya

⁴⁶ Sedang Yesus berbicara dengan orang ramai, ibu dan saudara-saudara-Nya datang berdiri di luar kerana hendak bercakap dengan Yesus. ⁴⁷ Seorang daripada orang ramai itu memberitahu Yesus, “Ibu dan saudara-saudara-Mu ada di luar dan hendak bercakap dengan-Mu.”

⁴⁸ Tetapi Yesus menjawab, “Siapakah ibu-Ku? Siapakah saudara-saudara-Ku?” ⁴⁹ Dia menunjuk kepada murid-murid-Nya lalu berkata, “Inilah ibu-Ku dan saudara-saudara lelaki-Ku. ⁵⁰ Sesiapa yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga, merekalah saudara lelaki, saudara perempuan dan ibu-Ku.”

Ibarat tentang seorang penyemai

13 ¹ Pada hari itu juga, Yesus keluar dari rumah lalu duduk di pinggir laut.

² Sungguh ramai orang datang beresak-asak di sekeliling-Nya. Yesus pun masuk ke dalam sebuah perahu dan duduk di situ manakala orang ramai itu berdiri di pantai. ³ Yesus memberitahu mereka banyak perkara melalui ibarat. Dia berkata: “Seorang penyemai pergi menabur. ⁴ Semasa dia menabur benih, ada yang jatuh di tepi jalan lalu dimakan burung. ⁵ Ada pula yang jatuh di tempat berbatu yang kurang tanahnya. Benih itu segera bercambah kerana tanahnya tidak dalam. ⁶ Tetapi ketika matahari naik, tunas-tunas itu layu lalu kering kerana tidak berakar. ⁷ Ada pula yang jatuh di tengah-tengah semak duri, lalu semak membesar dan membantutkannya. ⁸ Namun demikian, ada yang jatuh di tanah yang subur dan memberikan hasil: seratus kali ganda, enam puluh kali ganda, atau tiga puluh kali ganda. ⁹ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah!”

¹⁰ Para murid Yesus datang bertanya kepadanya, “Mengapa Engkau bercakap kepada mereka melalui ibarat?”

¹¹ Yesus menjawab, “Kamu telah diberi anugerah untuk mengetahui rahsia kerajaan syurga, tetapi mereka tidak. ¹² Sesiapa yang mempunyai sesuatu akan diberi lebih banyak

13:2: Luk 5:1-3.

13:12: Mat 25:29; Mrk 4:25; Luk 8:18; 19:26.

lagi, sehingga dia penuh kelimpahan. Sebaliknya, sesiapa yang tidak mempunyai sesuatu, sedikit yang ada padanya pun akan diambil. ¹³ Aku bercakap kepada mereka melalui ibarat:

‘Kerana mereka melihat tetapi tidak nampak, mereka mendengar tetapi tidak mengerti.’

¹⁴ “Keadaan mereka ini tepat seperti terdapat dalam nubuat Nabi Yesaya:

‘Kamu terus mendengar tetapi tidak mengerti; kamu akan terus melihat tetapi tidak mengetahui.

¹⁵ Kerana hati umat ini telah buntu, mereka pekakkan telinga, dan pejamkan mata.

Kalau tidak demikian, mereka tentu melihat dengan mata, mendengar dengan telinga, dan mengerti dengan hati, lalu berpaling kepada-Ku dan Aku menyembuhkan mereka.’

¹⁶ Tetapi diberkatilah matamu kerana melihat, dan telingamu kerana mendengar.

¹⁷ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, ramai nabi dan orang yang benar berhasrat melihat apa yang kamu lihat tetapi tidak melihatnya dan

mendengar apa yang kamu dengar tetapi tidak mendengarnya.”

¹⁸ “Oleh itu, dengarlah maksud ibarat penyemai benih: ¹⁹ Apabila seseorang mendengar perkhabaran kerajaan Allah dan tidak memahaminya, akan datanglah si durjana menyambar apa yang telah ditabur dalam hatinya. Orang inilah yang menerima benih di tepi jalan. ²⁰ Orang yang menerima benih di tempat berbatu pula bermaksud orang yang mendengar firman itu dan terus menerimanya dengan sukacita. ²¹ Tetapi dia tidak berakar, maka hanya tahan seketika. Sebaik-baik dia menanggung kesusahan atau penganiayaan kerana firman itu, imannya pun segera luntur. ²² Orang yang menerima benih di semak duri ialah orang yang mendengar firman itu, tetapi kerunsingan tentang hal-hal dunia dan tarikan palsu harta kekayaan membantutkan firman itu sehingga tidak berbuah. ²³ Tetapi orang yang menerima benih di tanah subur ialah orang yang mendengar firman itu dan memahaminya lalu menghasilkan seratus kali, enam puluh kali bahkan tiga puluh kali ganda.”

Ibarat tentang lalang di antara gandum

²⁴ Yesus menceritakan satu ibarat lagi: “Kerajaan syurga ibarat orang menabur benih yang baik di

ladangnya. ²⁵ Pada waktu malam apabila semua orang sedang tidur, musuhnya datang menanam lalang di antara gandum itu. ²⁶ Setelah gandum itu membesar, lalang pun tumbuh juga.

²⁷ Hamba peladang berkata, 'Tuan menabur benih yang baik, dari mana pula datangnya lalang itu?'

²⁸ Jawab peladang itu, 'Ini perbuatan musuh.'

Hamba itu bertanya, 'Adakah tuan hendak kami mencabut lalang itu?'

²⁹ 'Tidak,' jawab peladang itu, 'takut tercabut gandum juga sewaktu kamu mencabut lalang itu.

³⁰ Biarkanlah lalang tumbuh di antara gandum hingga sampai musim menuai. Ketika itu aku akan menyuruh orang yang menuai nanti mencabut lalang dahulu, mengikat dan membakarnya. Selepas itu, barulah gandum dituai dan disimpan di dalam jelapang.' "

Ibarat tentang biji sesawi dan ragi

³¹ Seterusnya Yesus mengisahkan ibarat demikian: "Kerajaan syurga seperti sebutir biji sesawi yang dibawa oleh seseorang untuk ditabur di ladangnya. ³² Biji sesawi itu paling kecil antara semua benih, tetapi apabila tumbuh, menjadi tumbuhan yang lebih besar daripada semua tumbuhan lain sehingga menjadi sebatang pokok

tempat burung di udara membuat sarang pada cabangnya.”

³³ Kemudian Yesus menceritakan suatu ibarat lagi, “Kerajaan syurga seumpama ragi yang diambil seorang wanita dan dicampurkan dengan tiga sukat tepung sehingga adonan itu naik.”

³⁴ Demikianlah Yesus mengajar orang ramai melalui ibarat. Tidak ada satu ajaran yang disampaikan-Nya kepada mereka tanpa ibarat.

³⁵ Maka terjadilah apa yang dikatakan oleh nabi:
“Aku akan membuka mulut melalui ibarat;
Aku akan menuturkan hal-hal yang dirahsiakan
sejak dunia dicipta.”

Ibarat tentang lalang diterangkan

³⁶ Selepas itu, Yesus meninggalkan orang ramai lalu masuk ke rumah. Murid-murid-Nya datang kepada-Nya lalu berkata, “Terangkanlah kepada kami maksud ibarat lalang di antara gandum itu.”

³⁷ Yesus berkata, “Orang yang menabur benih baik itu Anak Manusia. ³⁸ Ladang itu dunia. Benih yang baik itu anak-anak kerajaan dan lalang itu anak-anak si durjana. ³⁹ Musuh yang menanam lalang itu Iblis. Masa menuai ialah hari akhir dan para penuai itu malaikat.

⁴⁰ Sebagaimana lalang dikumpulkan dan dibakar, demikianlah halnya akan terjadi pada hari akhir. ⁴¹ Anak Manusia akan memerintahkan malaikat-Nya mengumpulkan semua dalam kalangan umat-Nya yang melakukan kejahatan dalam kerajaan-Nya dan yang menyebabkan orang berdosa. ⁴² Mereka akan dihambankan ke dalam relau yang berapi-api, tempat ratapan dan kertakan gigi. ⁴³ Orang yang benar akan bersinar laksana matahari dalam kerajaan Allah, Bapa mereka. Sesiapa yang bertelinga, dengarlah!”

Ibarat tentang harta tersembunyi dan mutiara

⁴⁴ “Kerajaan syurga ibarat harta yang tersembunyi di dalam sebidang tanah. Seseorang telah menjumpainya lalu menyembunyikannya semula. Setelah itu, dengan penuh sukacita dia menjual segala yang dimilikinya lalu membeli tanah itu.”

⁴⁵ “Kerajaan syurga juga umpama seorang saudagar yang mencari mutiara yang paling tinggi nilainya. ⁴⁶ Apabila dia menjumpai mutiara yang paling bernilai, dia pun menjual semua yang dimilikinya lalu membeli mutiara itu.”

Ibarat tentang pukot

⁴⁷ “Kerajaan syurga juga seperti pukot yang dilabuhkan ke dalam laut lalu mendapat

aneka jenis ikan. ⁴⁸ Setelah sarat dan ditarik ke darat, para nelayan memeriksanya, lalu menyimpan yang baik di dalam bekas dan membuang yang tidak baik. ⁴⁹ Demikianlah yang akan terjadi pada akhir zaman. Malaikat akan datang mengasingkan orang durjana daripada orang yang benar. ⁵⁰ Orang durjana itu akan dihancurkan ke dalam relau yang berapi-api, tempat ratapan dan kertakan gigi.

⁵¹ “Fahamkah kamu hal-hal ini?” tanya Yesus. “Kami faham,” jawab mereka.

⁵² Yesus berkata, “Oleh itu, setiap ahli Taurat yang telah menerima ajaran tentang kerajaan syurga adalah seperti ketua rumah yang mengeluarkan barang baru dan barang lama daripada khazanah simpanannya.”

Yesus ditolak di Nazaret

⁵³ Setelah Yesus selesai menceritakan ibarat, Yesus pun beredar dari situ. ⁵⁴ Lalu Dia pulang ke kampung halaman-Nya. Di situ Dia mengajar di saumaah.^r Orang yang mendengar-Nya hairan lalu bertanya, “Dari manakah Dia mendapat kebijaksanaan begini? Dari manakah Dia mendapat kuasa melakukan mukjizat?”

^r**13:54** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

⁵⁵ Bukankah Dia anak tukang kayu? Bukankah Maria itu ibu-Nya, dan Yakobus, Yusuf, Simon serta Yudas itu saudara-Nya? ⁵⁶ Bukankah saudara-saudara perempuan-Nya ada bersama kita? Dari manakah Dia mendapat semua ini?” ⁵⁷ Dengan demikian mereka enggan menerima-Nya.

Yesus berkata kepada mereka, “Seorang nabi dihormati kecuali di kampung halamannya dan dalam keluarganya^s sendiri.”

⁵⁸ Yesus tidak banyak melakukan mukjizat di situ kerana mereka tidak percaya.

Yohanes dibunuh

14 ¹ Pada masa itu Herodes, raja wilayah, mendengar tentang Yesus. ² Herodes berkata kepada orang di bawahnya, “Ini tentu Yohanes Pembaptis. Dia telah dibangkitkan daripada kematian! Itulah sebab Dia mempunyai kuasa melakukan mukjizat.”

³ Sebelum itu Herodes telah memerintahkan supaya Yohanes ditangkap, diikat dan dipenjarakan, disebabkan Herodias, isteri saudaranya Filipus. ⁴ Yohanes telah memberitahu

^s**13:57** Atau: Rumahnya.

13:57: Yoh 4:44. **14:3:** Luk 3:19,20.

14:4: Im 18:16; 20:21.

Herodes, “Mengambil Herodias sebagai isterimu adalah haram.”⁵ Herodes hendak membunuh Yohanes tetapi takut kerana rakyat menganggapnya seorang nabi.

⁶ Pada hari jadi Herodes, anak perempuan Herodias menari di hadapan majlis dan menyenangkan hati Herodes,⁷ sehingga Herodes bersumpah akan memberikan apa sahaja yang diminta oleh gadis itu.⁸ Disuruh oleh ibunya, gadis itu memohon kepala Yohanes Pembaptis di atas talam pada waktu itu juga.⁹ Lalu raja amat berdukacita, tetapi apakan daya, dia telah bersumpah di hadapan semua tetamunya. Oleh itu, dia memerintahkan supaya permintaan gadis itu dilaksanakan.¹⁰ Herodes pun memerintahkan orang pergi memancung kepala Yohanes di penjara.¹¹ Kepala Yohanes diletakkan di atas talam dan diberikan kepada gadis itu. Gadis itu menyerahkan kepala Yohanes kepada ibunya.¹² Selepas itu, murid Yohanes datang mengambil jenazahnya dan mengebumikannya. Kemudian mereka pergi memberitahu Yesus tentangnya.

Yesus memberi makan kepada lima ribu orang

¹³ Sebaik-baik mendengar tentang Yohanes, Yesus menaiki perahu dan pergi seorang diri ke suatu tempat sunyi. Namun demikian, orang ramai mendapat tahu lalu mengikut Yesus

melalui jalan darat dari kota. ¹⁴ Setelah Yesus turun dari perahu dan melihat orang ramai di situ, hati-Nya berbelas kasih terhadap mereka lalu Dia menyembuhkan orang yang sakit dalam kalangan mereka.

¹⁵ Apabila menjelang petang, para murid Yesus mendapatkan-Nya lalu berkata, “Hari sudah hampir malam dan kawasan ini terpencil. Suruhlah orang yang ramai ini pergi, supaya dapat membeli makanan di pekan.”

¹⁶ Tetapi Yesus menjawab, “Mereka tidak usah pergi. Berilah mereka makan.”

¹⁷ Kata para murid Yesus, “Kita hanya ada lima buku roti dan dua ekor ikan.”

¹⁸ Yesus berkata, “Bawalah makanan itu kepada-Ku.” ¹⁹ Dia menyuruh orang ramai itu duduk di atas rumput. Setelah mengambil lima buku roti dan dua ekor ikan, Dia menengadah ke langit dan mengucapkan syukur kepada Allah. Kemudian Dia memecah-mecahkan roti itu dan menghulurkannya kepada murid-murid-Nya untuk diberikan kepada orang ramai itu.

²⁰ Mereka semuanya makan sehingga kenyang. Para murid mengumpulkan lebihan makanan sebanyak dua belas bakul. ²¹ Jumlah yang makan kira-kira lima ribu orang lelaki, belum dihitung wanita dan kanak-kanak.

Yesus berjalan di atas air

²² Setelah itu, Yesus menyuruh murid-murid-Nya menaiki perahu dan pergi ke seberang dahulu sementara Dia menyuruh orang ramai itu pulang. ²³ Setelah menyuruh mereka pulang, Yesus naik ke bukit seorang diri lalu berdoa. Apabila hari sudah lewat petang, Yesus berada di situ seorang diri. ²⁴ Ketika itu perahu yang dinaiki oleh murid-murid-Nya sudah jauh ke tengah, terumbang-ambing kerana angin berhembus dari arah bertentangan.

²⁵ Antara dinihari dan subuh,^t Yesus berjalan di atas air menghampiri mereka. ²⁶ Apabila murid-murid-Nya melihat-Nya berjalan di atas air, mereka ketakutan lalu menjerit, “Hantu!”

²⁷ Yesus segera berkata kepada mereka, “Tabahkanlah hatimu. Aku Yesus. Jangan takut.”

²⁸ Petrus berkata, “Tuhan, jika benar Engkau, suruhlah aku berjalan di atas air mendapatkan-Mu.”

²⁹ “Marilah,” sahut Yesus.

Petrus turun dari perahu dan mula berjalan di atas air ke arah Yesus. ³⁰ Tetapi apabila menyedari betapa kencangnya angin, Petrus berasa takut

^t14:25 Antara pukul tiga dengan enam pagi.

lalu mula tenggelam. “Tuhan! Selamatkan aku!” serunya.

³¹ Yesus segera menghulurkan tangan memegangnya lalu berkata, “Begitu tipis kepercayaanmu, mengapa engkau ragu?”

³² Kedua-dua mereka menaiki perahu dan angin pun tiada. ³³ Selepas itu, para murid Yesus yang di dalam perahu menyembah-Nya sambil berkata, “Sesungguhnya, Engkaulah Anak Allah!”

³⁴ Mereka menyeberang hingga tiba di Genesaret. ³⁵ Orang di situ mengenal Yesus lalu menyebarkan berita kedatangan-Nya ke serata daerah itu. Ramailah dibawa orang sakit kepada-Nya. ³⁶ Mereka merayu Yesus supaya mengizinkan orang sakit menyentuh hujung jubah-Nya. Semua yang menyentuhnya terus sembuh.

Perintah Allah dan adat istiadat

15 ¹ Setelah itu, beberapa orang Farisi dan ahli Taurat dari Yerusalem datang mendapatkan Yesus lalu bertanya, ² “Mengapa murid-Mu melanggar adat istiadat nenek moyang kita? Mereka tidak membasuh tangan sebelum makan!”

³ Yesus menjawab, “Mengapa kamu membelakangi perintah Allah demi mematuhi

adat istiadatmu? ⁴ Allah berfirman, 'Hormatilah ibu bapamu' dan 'Orang yang mencaci ibu bapa sendiri mesti dihukum mati.' ⁵ Sebaliknya kamu mengajar, 'Jika seseorang berkata kepada ibu bapanya, "Apa yang patut kugunakan untuk menolong ayah dan ibu, telah kupersembahkan kepada Allah," ⁶ maka tidak perlulah orang itu menghormati ibu bapanya. Demikianlah kamu menyatakan Firman Allah tidak berlaku atas sebab adat istiadatmu.' ⁷ Kamu munafik! Tepat sekali kata-kata Yesaya dalam nubuatnya tentangmu:

⁸ 'Bangsa ini menghormati-Ku dengan kata-kata tetapi hati mereka jauh daripada-Ku.

⁹ Sia-sialah mereka beribadat kepada-Ku, sedangkan ajaran yang diajarkan mereka ialah peraturan manusia.' "

¹⁰ Kemudian Yesus memanggil orang ramai itu lalu berkata kepada mereka, "Dengar dan fahamlah! ¹¹ Apa yang masuk ke mulut seseorang tidak menjiskannya, tetapi apa yang keluar dari mulutnya, itulah yang menjiskannya."

¹² Selepas itu, para murid Yesus mendapatkannya dan berkata, "Tahukah Engkau bahawa orang Farisi tersinggung dengan kata-kata-Mu?"

15:4 a: Kel 20:12; Ul 5:16; **b:** Kel 21:17; Im 20:9.

15:8: Yes 29:13.

¹³ Yesus menjawab, “Segala tanaman selain yang ditanam oleh Bapa-Ku di syurga akan dicabut. ¹⁴ Jangan hiraukan orang Farisi. Mereka itu orang buta yang memimpin orang buta. Apabila orang buta memimpin orang buta, kedua-duanya masuk ke dalam parit.”

¹⁵ Petrus berkata, “Terangkanlah maksud ibarat tadi kepada kami.”

¹⁶ Yesus berkata, “Kamu masih tidak faham. ¹⁷ Tidakkah kamu mengerti? Apa yang masuk ke dalam mulut seseorang turun ke perut lalu keluar semula. ¹⁸ Sebaliknya, apa yang keluar dari mulut datang dari hati, dan inilah yang menajiskan. ¹⁹ Dari hati timbul fikiran jahat yang mendorong seseorang membunuh, berzina, berbuat cabul, mencuri, memberi kesaksian palsu, dan memfitnah. ²⁰ Segala itulah yang menajiskan, bukan makan dengan tidak membasuh tangan.”

Wanita Kanaan yang percaya

²¹ Yesus beredar dari situ, dan pergi ke kawasan berhampiran bandar Tirus dan Sidon.

²² Seorang wanita Kanaan yang tinggal di situ datang mendapatkan Yesus sambil berseru, “Wahai Tuan, Anak Daud! Kasihanilah aku! Anak perempuanku dirasuk roh iblis, dan menderita!”

²³ Yesus diam tidak menjawab. Para murid-Nya memohon kepada-Nya, “Suruhlah wanita itu pergi. Dia mengikut kita meraung-raung.”

²⁴ Yesus berkata kepada wanita itu, “Aku diutus khusus kepada keturunan kaum Israel yang seperti domba yang hilang.”

²⁵ Wanita itu mendekati Yesus dan menyembah-Nya sambil berkata, “Tuan, tolonglah aku.”

²⁶ Yesus menjawab, “Tidak patut mengambil roti anak-anak dan mencampakkannya kepada anjing.”

²⁷ “Benar, Tuan,” balas wanita itu, “tetapi anjing pun makan sisa yang jatuh dari meja tuannya.”

²⁸ Oleh yang demikian Yesus berkata kepadanya, “Kamu seorang wanita yang teguh iman. Apa yang kamu inginkan itu akan berlaku.” Serta-merta anak wanita itu pulih.

Yesus menyembuhkan ramai orang

²⁹ Yesus beredar dari situ lalu berjalan menyusur pesisiran Laut Galilea. Setelah itu, Dia mendaki sebuah bukit dan duduk di situ.

³⁰ Ramailah yang datang mendapatkan-Nya, membawa orang yang tempang, buta, lumpuh, bisu dan yang menghidap pelbagai penyakit. Yesus menyembuhkan mereka. ³¹ Orang ramai tercengang melihat yang bisu bercakap, yang cacat dipulihkan, yang tempang berjalan, dan

yang buta melihat, lalu mereka memuji Allah Israel.

Empat ribu orang diberi makan

³² Yesus memanggil murid-murid-Nya lalu berkata, “Aku berbelas kasihan kepada orang ramai ini. Sudah tiga hari mereka bersama-Ku; sekarang mereka kehabisan makanan. Aku tidak mahu menyuruh mereka pulang dengan perut kosong, kalau-kalau pengsan nanti di tengah jalan.”

³³ Para murid-Nya berkata, “Di manakah dapat kami cari roti yang cukup untuk orang seramai itu sedangkan kawasan ini terpencil?”

³⁴ Yesus bertanya, “Berapa banyakkah roti yang ada padamu?”

“Tujuh buku,” jawab mereka, “dan beberapa ekor ikan kecil.”

³⁵ Yesus menyuruh orang ramai itu duduk di atas tanah. ³⁶ Dia mengambil tujuh buku roti dan ikan itu, mengucap syukur kepada Allah lalu memecah-mecahkannya dan menghulurkannya kepada murid-murid-Nya untuk diberikan kepada orang ramai. ³⁷ Kesemua orang pun makan sehingga kenyang. Sisa lebihan makanan yang dikumpulkan sebanyak tujuh bakul penuh.

³⁸ Jumlah yang makan empat ribu orang lelaki; belum dikira wanita dan kanak-kanak. ³⁹ Setelah

itu, Yesus menyuruh orang ramai itu pulang, lalu Dia menaiki perahu dan pergi ke kawasan Magadan.

Orang Farisi menduga Yesus

16 ¹ Beberapa orang Farisi dan Saduki datang kepada Yesus. Untuk menduga Yesus, mereka meminta-Nya menunjukkan suatu tanda dari syurga.

² Yesus menjawab, “Ketika matahari masuk, kamu berkata, ‘Cuaca baik, kerana langit merah.’

³ Pada waktu pagi, kamu berkata, ‘Cuaca buruk nanti, kerana langit merah mengancam.’ Munafik! Kamu dapat meramalkan cuaca dengan melihat tanda-tanda di langit, tetapi kamu tidak dapat memahami tanda-tanda zaman ini.

⁴ Manusia zaman yang durjana dan tidak setia ini ingin melihat tanda mukjizat. Tetapi satu tanda pun tidak akan ditunjukkan kepadanya kecuali tanda Nabi Yunus.” Setelah berkata demikian, Yesus pun pergi dari situ.

⁵ Ketika para murid Yesus berperahu ke seberang, mereka terlupa membawa roti. ⁶ Yesus berkata kepada mereka, “Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi dan Saduki.”

16:1: Mat 12:38; Luk 11:16.

16:4: Mat 12:39; Luk 11:29. **16:6:** Luk 12:1.

⁷ Mereka mula berkata-kata sesama sendiri, “Dia berkata begitu kerana kita tidak membawa roti.”

⁸ Yesus mengetahui apa yang dibincangkan mereka lalu Dia bertanya, “Mengapa kamu memperbincangkan hal tidak membawa roti? Begitu tipis kepercayaanmu! ⁹ Belum fahamkah kamu? Tidakkah kamu ingat bagaimana Aku membahagikan lima buku roti antara lima ribu orang? Berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan? ¹⁰ Bagaimana pula dengan tujuh buku roti yang Kubahagikan antara empat ribu orang? Berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan? ¹¹ Mengapa kamu tidak mengerti bahawa Aku tidak bercakap tentang roti. Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi dan Saduki.” ¹² Barulah mereka faham bahawa maksud Yesus bukannya ragi penaik roti tetapi ajaran orang Farisi dan Saduki.

Pengakuan Petrus

¹³ Yesus pergi ke daerah berhampiran kota Kaisarea Filipi. Dia bertanya kepada murid-murid-Nya, “Menurut kata orang, siapakah Anak Manusia ini?”

¹⁴ Mereka menjawab, “Ada yang berkata Yohanes Pembaptis; ada yang berkata Elia; ada pula yang berkata Yeremia atau nabi lain.”

¹⁵ Yesus bertanya, “Menurut kamu, siapakah Aku ini?” ¹⁶ Simon Petrus menjawab, “Engkau ialah Kristus, Anak Allah Yang Hidup.”

¹⁷ Yesus berkata, “Diberkatilah engkau, Simon anak Yunus! Yang memberitahumu bukannya manusia tetapi Bapa-Ku di syurga.

¹⁸ Oleh itu ketahuilah engkau Petrus, batu yang kukuh, dengan asas batu pejal inilah akan Kubina jemaah-Ku. Alam maut pun tidak dapat merobohkannya. ¹⁹ Aku akan memberikan kunci kerajaan syurga kepadamu. Apa yang kamu ikat di dunia akan diikat juga di syurga. Apa yang kamu uraikan di dunia akan diuraikan juga di syurga.”

²⁰ Selepas itu dengan tegasnya Yesus melarang murid-murid-Nya memberitahu sesiapa bahawa Dia Kristus.

Yesus memberitahu tentang kematian-Nya

²¹ Sejak itu, Yesus mula berkata terus terang kepada murid-murid-Nya bahawa Dia harus pergi ke Yerusalem dan menanggung banyak penderitaan daripada pihak pemimpin

16:14: Mat 14:1,2; Mrk 6:14,15; Luk 9:7,8.

16:16: Yoh 6:68,69. **16:19:** Mat 18:18; Yoh 20:23.

masyarakat, ketua imam, dan ahli Taurat. Dia akan dibunuh, tetapi pada hari ketiga akan dibangkitkan semula.

²² Petrus menarik Yesus ke tepi lalu menegur Dia, “Tuhan, semoga Allah jauhi semua itu daripada-Mu! Semua itu tidak boleh berlaku kepada-Mu!”

²³ Yesus berpaling sambil berkata kepada Petrus, “Pergilah dari sini, Iblis! Engkau batu sandungan bagi-Ku kerana kamu tidak berfikir secara Allah, tetapi secara manusia!”

²⁴ Kemudian Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Jika seseorang hendak mengikut-Ku, dia harus menyangkal dirinya,^u memikul salib dan mengikut-Ku. ²⁵ Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangan hidup, dan sesiapa yang mengorbankan hidupnya kerana-Ku akan memperoleh hidup. ²⁶ Apalah gunanya jika seseorang memperoleh seluruh dunia tetapi kehilangan hidupnya? Apakah yang dapat diberinya sebagai ganti untuk hidup itu? ²⁷ Sudah hampir waktunya Anak Manusia datang bersama

^u**16:24** ‘Menyangkal dirinya’ juga diterjemahkan sebagai, ‘melupakan kepentingan dirinya.’

16:24: Mat 10:38; Luk 14:27.

16:25: Mat 10:39; Luk 17:33; Yoh 12:25.

16:27 a: Mat 25:31; **b:** Mzm 62:12; Rm 2:6.

para malaikat-Nya dengan kemuliaan Bapa-Nya. Pada masa itu Dia akan memberikan balasan kepada setiap orang menurut perbuatannya. ²⁸ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, beberapa orang di sini tidak akan menemui maut sebelum melihat Anak Manusia datang sebagai Raja dalam Kerajaan-Nya.”

Yesus dimuliakan di atas gunung

17 ¹ Enam hari kemudian, Yesus membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes, saudara Yakobus, pergi bersunyi di atas sebuah gunung yang tinggi. ² Di situ Yesus berubah rupa di hadapan mata mereka. Wajah-Nya bersinar seperti matahari dan pakaian-Nya putih berkilau-kilauan. ³ Elia dan Musa muncul pula di hadapan mereka lalu bercakap dengan Yesus.

⁴ Petrus berkata kepada Yesus, “Tuhan, baik sekali kami ada di sini. Kalau Engkau mahu, biar kudirikan tiga buah khemah; satu untuk Engkau, satu untuk Musa, dan satu lagi untuk Elia.”

⁵ Sedang Petrus berkata-kata, segumpal awan yang bersinar-sinar meliputi mereka. Dari awan itu kedengaran suara berkata, “Inilah Anak-Ku

yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan. Dengarlah kata-kata-Nya!”

⁶ Mendengar suara itu, para murid Yesus ketakutan lalu meniarap di tanah. ⁷ Yesus datang menyentuh mereka sambil berkata, “Bangunlah. Jangan takut.” ⁸ Apabila mereka menengadah ke atas, mereka tidak melihat sesiapa pun selain Yesus.

⁹ Mereka turun dari atas gunung itu. Yesus mengeluarkan perintah, “Jangan beritahu sesiapa pun apa yang telah kamu lihat, selagi Anak Manusia belum dibangkitkan daripada kematian.”

¹⁰ Para murid Yesus bertanya kepada-Nya, “Mengapa ahli Taurat berkata Elia mesti datang dahulu?”

¹¹ Yesus menjawab, “Memang benar Elia mesti datang dahulu untuk memulihkan segala sesuatu. ¹² Tetapi sesungguhnya Aku berkata kepadamu, Elia sudah pun datang tetapi orang tidak mengenalnya. Mereka berbuat sesuka hati kepadanya. Begitulah mereka akan lakukan kepada Anak Manusia.” ¹³ Ketika itu barulah para murid Yesus faham bahawa yang dimaksudkan-Nya ialah Yohanes Pembaptis.

Anak lelaki yang kerasukan roh iblis disembuhkan

¹⁴ Setelah Yesus dan ketiga-tiga orang murid-Nya itu kembali kepada orang ramai, seorang lelaki datang berlutut di hadapan-Nya. ¹⁵ Lelaki itu berkata, “Tuhan, kasihanilah anakku! Dia menghidap sakit gila babi dan penyakitnya sungguh teruk. Sering kali dia terjatuh ke dalam air atau api. ¹⁶ Aku sudah pun membawanya kepada murid-murid-Mu, tetapi mereka tidak dapat menyembuhkannya.”

¹⁷ Yesus menjawab, “Hai angkatan yang tidak percaya dan sesat ini. Berapa lama lagikah Aku mesti ada bersamamu? Berapa lama lagikah Aku mesti bersabar denganmu? Bawa anak itu ke sini!” ¹⁸ Yesus mengherdik roh iblis itu. Roh iblis itu pun keluar daripada anak itu lalu dia sembuh serta-merta.

¹⁹ Para murid Yesus mendapatkan-Nya dan bertanya ketika tiada orang lain di situ, “Mengapa kami tidak dapat menghalau roh iblis itu?”

²⁰ Yesus menjawab, “Ini kerana kepercayaanmu tipis. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sekiranya kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu dapat berkata kepada gunung,

‘Beralihlah ke situ!’ maka bukit itu akan beralih. Tidak ada satu pun yang mustahil bagi kamu.^v

²¹ Jenis ini hanya dapat dihalau dengan berdoa dan berpuasa.”

²² Ketika semua murid Yesus berhimpun di Galilea, Yesus berkata kepada mereka, “Anak Manusia akan diserahkan kepada manusia.

²³ Mereka akan membunuh-Nya, tetapi Dia akan dibangkitkan semula pada hari ketiga.” Mendengar kata-kata itu, para murid Yesus berdukacita.

Membayar cukai

²⁴ Apabila Yesus dan murid-murid-Nya sampai di Kapernaum, pemungut-pemungut cukai dua dirham datang kepada Petrus lalu bertanya, “Adakah gurumu membayar cukai Bait Suci?”

²⁵ Petrus menjawab, “Tentu sekali.”

Sebaik-baik Petrus masuk ke rumah, sebelum dia dapat berkata apa-apa, Yesus bertanya, “Simon, bagaimana pandanganmu, daripada siapakah raja-raja dunia ini memungut cukai, daripada anak-anak mereka atau orang lain?”

²⁶ “Orang lain,” jawab Petrus.

^v**17:20** Atau: Kamu dapat melakukan apa sahaja.

17:24: Kel 30:13; 38:26.

“Kalau begitu,” kata Yesus, “anak-anak tidak perlu membayar.²⁷ Tetapi usahlah kita singgung perasaan orang. Pergilah memancing di laut. Ambillah ikan pertama yang kautangkap, dan bukalah mulutnya. Engkau akan mendapati sekeping duit syiling sebesar empat dirham. Ambillah duit itu dan berikan kepada mereka, untuk-Ku dan untukmu.”

Yang terbesar dalam kerajaan syurga

18¹ Pada ketika itu para murid Yesus datang bertanya kepada-Nya, “Siapakah yang dianggap terbesar antara orang dalam kerajaan syurga nanti?”

² Yesus memanggil seorang kanak-kanak, disuruh-Nya berdiri di hadapan mereka semua.

³ Yesus pun berkata, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali kamu menjadi seperti kanak-kanak kecil, kamu tidak akan masuk ke dalam kerajaan syurga. ⁴ Oleh itu, orang yang dianggap terbesar dalam kerajaan syurga ialah yang merendah diri dan bersikap seperti kanak-kanak.

⁵ Sesiapa yang menyambut seorang kanak-kanak seperti ini kerana nama-Ku, menyambut-Ku.”

⁶ Sesiapa yang menyebabkan seorang daripada

kanak-kanak kecil yang percaya kepada-Ku ini berdosa, lebih baiklah baginya jika batu kisar diikatkan ke lehernya dan dia ditenggelamkan ke dalam laut yang dalam.

⁷ Malanglah dunia yang penuh dengan perkara-perkara yang menyebabkan orang berdosa! Memang dosa tetap berlaku, tetapi malanglah orang yang menyebabkannya!

⁸ Sekiranya tangan atau kakimu menyebabkan kamu berdosa, potong dan buanglah tangan atau kaki itu. Lebih baik kamu kehilangan sebelah tangan atau kaki tetapi menikmati hidup kekal, daripada kamu mempunyai dua tangan dan dua kaki tetapi dihumbankan ke dalam api kekal.

⁹ Jika matamu menyebabkan kamu berdosa, cungkil dan buanglah mata itu. Lebih baik kamu kehilangan sebelah mata tetapi menikmati hidup kekal, daripada kamu memiliki dua mata tetapi terhumban ke dalam api neraka.

Ibarat tentang domba yang hilang

¹⁰ "Hati-hatilah, jangan hinakan seorang daripada murid-Ku yang kecil ini. Ketahuilah, malaikat-malaikat mereka sentiasa berada di hadirat Bapa-Ku di syurga. ¹¹ Anak Manusia

datang untuk menyelamatkan orang yang hilang.^w

¹² Bagaimana pandanganmu? Jika seseorang mempunyai seratus ekor domba dan seekor daripadanya hilang, apa yang akan dilakukannya? Tentulah dia meninggalkan sembilan puluh sembilan ekor domba yang sedang merumput di bukit dan pergi mencari domba yang hilang itu. ¹³ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila dia menjumpainya, domba yang seekor itu lebih menggembirakannya daripada sembilan puluh sembilan ekor yang lain itu. ¹⁴ Demikianlah juga Bapamu yang di syurga, tidak mahu seorang pun yang kecil ini hilang.”^x

Saudaramu yang berdosa terhadapmu

¹⁵ “Jika saudaramu berdosa terhadapmu, pergilah mendapatkannya dan tunjukkan kesalahannya. Lakukan diam-diam, antara kamu berdua sahaja. Sekiranya dia mahu mendengar katamu, ertinya kamu berjaya mendapat kembali saudaramu. ¹⁶ Jika tidak, bawalah seorang dua bersamamu; kerana telah tersurat, ‘Setiap tuduhan harus disokong dengan kesaksian dua

^w**18:11** Atau: Orang yang sesat.

^x**18:14** Atau: Sesat.

18:15: Luk 17:3. **18:16:** Ul 19:15.

atau tiga orang saksi.’¹⁷ Sekiranya dia enggan menerima nasihat mereka, maklumkan hal itu kepada jemaah. Jika nasihat jemaah pun tidak diterimanya, anggaplah dia seperti orang yang tidak mengenal Allah atau pemungut cukai.”

¹⁸ “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apa yang kamu ikat di dunia akan diikat di syurga, dan apa yang kamu uraikan di dunia akan diuraikan juga di syurga.

¹⁹ Ketahuilah juga, setiap kali dua orang daripadamu di dunia ini bersetuju untuk memohon sesuatu daripada-Ku, permohonan itu akan dikabulkan oleh Bapa-Ku di syurga; ²⁰ kerana apabila dua atau tiga orang berhimpun dalam nama-Ku, Aku ada di situ bersama mereka.”

Ibarat tentang pengampunan

²¹ Petrus datang mendapatkan Yesus lalu bertanya, “Tuhan, jika saudaraku berdosa kepadaku, berapa kalikah harus kuampuni dia? Sehingga tujuh kali?”

²² Yesus menjawab, “Bukan tujuh kali. Tujuh puluh kali tujuh kali.”

²³ Kerana kerajaan syurga seperti yang berikut: Seorang raja hendak menyelesaikan kira-kira

18:18: Mat 16:19; Yoh 20:23. **18:21:** Luk 17:3,4.

18:22: Kej 4:24.

dengan para hambanya. ²⁴ Salah seorang hambanya yang berhutang sebanyak sepuluh ribu talenta dibawa menghadapnya. ²⁵ Hamba itu tidak dapat menjelaskan hutangnya. Oleh itu, raja memerintahkan supaya hamba itu dijual bersama anak isteri dan harta bendanya untuk membayar hutang itu.

²⁶ Hamba itu menyembah dan merayu, 'Bersabarlah denganku. Aku akan menjelaskan hutang itu.' ²⁷ Raja itu berasa kasihan kepadanya lalu menghapuskan segala hutangnya dan membebaskannya.

²⁸ Tetapi ketika hamba itu keluar, dia menemui seorang hamba lain yang berhutang seratus keping wang dinar^y kepadanya. Dia menangkap dan hendak mencekik rakannya itu sambil berkata, 'Bayar semua hutangmu.'

²⁹ Rakannya itu menyembah dan merayu, 'Bersabarlah denganku. Aku akan menjelaskan hutangku.'

³⁰ Tetapi hamba itu tidak mepedulikan rayuan rakannya. Malah dia memerintahkan supaya rakannya dipenjarakan sehingga menjelaskan hutangnya. ³¹ Hamba-hamba lain dukacita melihatnya lalu mengadukan hal itu kepada raja.

^y**18:28** Nilainya lebih kurang sama dengan upah sehari untuk buruh tani. Dinar juga disebut wang perak.

³² Raja pun memanggil hamba yang tidak berhati perut itu lalu berkata, ‘Sungguh kejam perbuatanmu! Aku telah menghapuskan segala hutangmu kerana kamu merayu supaya aku mengampunimu. ³³ Bukankah sepatutnya kamu mengasihani rakanmu sebagaimana aku mengasihanimu?’ ³⁴ Dengan murkanya raja menitahkan supaya hamba yang tidak berperikemanusiaan itu dipenjarakan dan dihukum sehingga semua hutangnya dibayar.

³⁵ “Begitulah Bapa-Ku yang di syurga akan memperlakukan setiap orang daripadamu yang tidak mengampuni saudaranya dengan ikhlas.”

Perceraian

19 ¹ Selepas Yesus selesai berkata tentang hal-hal itu, Dia beredar dari Galilea pergi ke Yudea di seberang Sungai Yordan. ² Ramai orang mengikut-Nya dan Dia menyembuhkan orang sakit di situ.

³ Beberapa orang Farisi datang untuk menduga Yesus. Mereka bertanya, “Menurut hukum, bolehkah seseorang menceraikan isterinya dengan apa sebab jua?”

⁴ Yesus menjawab, “Tidakkah kamu baca ayat Kitab Suci yang menyatakan betapa

pada mulanya Allah menjadikan lelaki dan perempuan? ⁵ Setelah itu, Allah berfirman, 'Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya lalu mereka berdua menjadi satu.' ⁶ Maka mereka bukan lagi dua tetapi satu. Apa yang telah disatukan oleh Allah janganlah manusia pisahkan."

⁷ Kata orang Farisi itu, "Kalau begitu, mengapakah Musa memberikan hukum membenarkan seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan menulis surat cerai?"

⁸ Yesus menjawab mereka, "Musa membenarkan kamu menceraikan isteri kerana hati kamu begitu tegar. Tetapi pada mulanya bukanlah begitu. ⁹ Sesungguhnya, jika seseorang lelaki menceraikan isterinya, kecuali kerana zina, lalu berkahwin pula dengan perempuan lain, dia berzina."

¹⁰ Para murid Yesus berkata, "Kalau begitulah hidup suami isteri, lebih baiklah tidak berkahwin langsung."

¹¹ Yesus menjawab, "Tidak semua orang dapat menerima ajaran ini, hanya mereka yang dikurniai keupayaan untuk menerimanya."

19:5: Kej 2:24. **19:7:** Ul 24:1-4; Mat 5:31.

19:9: Mat 5:32; 1Kor 7:10,11.

¹² Ada beberapa sebabnya seseorang itu tidak berkahwin. Ada yang dilahirkan begitu, ada yang dibuat orang begitu, dan ada pula yang membuat dirinya begitu untuk mengabdikan diri kepada kerajaan syurga. Biarlah ajaran ini diterima oleh yang mampu menerimanya.”

Yesus memberkati kanak-kanak

¹³ Beberapa orang membawa kanak-kanak supaya diberkati oleh Yesus dengan meletakkan tangan-Nya ke atas mereka serta mendoakan mereka. Tetapi para murid Yesus memarahi orang yang membawa kanak-kanak itu.

¹⁴ Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Biarkan kanak-kanak kecil itu datang kepada-Ku; jangan larang mereka, kerana orang seperti itulah yang empunya kerajaan syurga.” ¹⁵ Yesus meletakkan tangan-Nya ke atas kanak-kanak itu dan memberkati mereka. Kemudian Dia beredar dari situ.

Orang muda yang kaya

¹⁶ Pada suatu hari seorang pemuda datang berjumpa Yesus lalu bertanya, “Guru, apakah perbuatan baik yang harus aku lakukan untuk mendapat kehidupan kekal?”

¹⁷ Yesus menjawab, “Mengapa kamu bertanya kepada-Ku apa yang baik? Hanya ada Satu yang

baik. Sekiranya kamu ingin masuk ke dalam hidup, patuhilah hukum-Nya.”

¹⁸ Pemuda itu bertanya, “Hukum yang mana?”

Yesus menjawab, “Jangan membunuh; jangan berzina; jangan mencuri; jangan memberi kesaksian palsu; ¹⁹ hormatilah ibu bapamu; kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.”

²⁰ “Semua hukum ini telah kupatuhi,” kata pemuda itu. “Adakah lagi yang harus kulakukan?”

²¹ Yesus menjawab, “Jika kamu ingin menjadi sempurna, pergilah, jual segala harta bendamu dan sedekahkan kepada orang miskin, maka kamu akan mendapat harta di syurga. Sesudah itu, datanglah dan ikut Aku.”

²² Apabila mendengar jawapan Yesus, pemuda itu beredar dari situ dengan dukacita, kerana dia seorang yang kaya-raya.

²³ Yesus pun berkata kepada murid-murid-Nya, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, susah sekali bagi orang kaya memasuki kerajaan syurga.

²⁴ Aku berkata kepadamu, lebih mudah bagi seekor unta memasuki lubang jarum daripada seorang kaya memasuki kerajaan Allah.”

19:18 a: Kel 20:13; Ul 5:17; **b:** Kel 20:14; Ul 5:18; **c:** Kel 20:15; Ul 5:19; **d:** Kel 20:16; Ul 5:20.

19:19 a: Kel 20:12; Ul 5:16; **b:** Im 19:18.

²⁵ Para murid Yesus hairan mendengar kata-kata itu lalu bertanya, “Kalau begitu, siapakah yang dapat diselamatkan?”

²⁶ Sambil memandang mereka Yesus menjawab, “Hal itu mustahil bagi manusia, tetapi bagi Allah tidak ada satu pun yang mustahil.”

Upah mengikut Yesus

²⁷ Petrus menjawab, “Kami telah meninggalkan segala-galanya untuk mengikut-Mu. Apakah yang akan kami terima?”

²⁸ Yesus berkata kepada mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, ketika Anak Manusia duduk di atas takhta-Nya yang mulia dalam Dunia Baru, kamu murid-Ku juga akan bertakhta menghakimi dua belas suku Israel. ²⁹ Setiap orang yang telah meninggalkan rumah, atau saudara lelaki, saudara perempuan, ibu bapa, anak-anak, atau ladang kerana nama-Ku, akan menerima seratus kali ganda apa yang ditinggalkannya dan akan memperoleh hidup kekal. ³⁰ Tetapi ramai orang yang terdahulu akan menjadi terakhir, dan yang terakhir akan menjadi yang terdahulu.

19:28 a: Mat 25:31; **b:** Luk 22:30.

19:30: Mat 20:16; Luk 13:30.

Ibarat tentang pekerja di ladang anggur

20¹ “Kerajaan syurga seperti seorang tuan tanah yang keluar pada awal pagi untuk mengupah orang bekerja di ladang anggurnya.

² Dia bersetuju membayar upah sekeping wang dinar. Kemudian dia pun menyuruh mereka pergi ke ladang.

³ Kira-kira jam ketiga,^z tuan tanah itu keluar lagi lalu melihat beberapa orang lain berdiri-diri tanpa berbuat apa-apa di pasar. ⁴ Dia berkata kepada mereka, ‘Pergilah bekerja di ladang anggurku. Aku akan memberimu upah yang berpatutan.’ ⁵ Mereka pun pergi.

Pada jam keenam^a dan kesembilan,^b begitu jugalah yang terjadi. ⁶ Kira-kira jam kesebelas^c dia pergi lagi ke pasar dan melihat beberapa orang berdiri-diri tidak berbuat apa-apa. Dia menanya mereka, ‘Mengapa kamu membuang masa tidak membuat apa-apa kerja?’

⁷ Mereka menjawab, ‘Tiada siapa mengupah kami bekerja.’

^z**20:3** Pukul sembilan pagi.

^a**20:5** Jam keenam sama dengan pukul dua belas tengah hari.

^b**20:5** Jam kesembilan sama dengan pukul tiga petang.

^c**20:6** Pada kira-kira pukul lima petang.

‘Kalau begitu, pergilah bekerja di ladang anggurku,’ kata tuan tanah itu.

⁸ Setelah hari petang, tuan ladang anggur itu berkata kepada ketua pekerja, ‘Panggillah pekerja-pekerja itu dan bayarlah upah masing-masing, mulai daripada pekerja yang datang terakhir hingga kepada pekerja yang datang awal sekali.’

⁹ Mereka yang bekerja dari kira-kira jam kesebelas^d menerima sekeping wang dinar seorang. ¹⁰ Oleh itu, mereka yang bekerja sejak pagi menjangka akan menerima bayaran yang lebih, tetapi mereka pun mendapat sekeping wang dinar seorang. ¹¹ Mereka pun mulalah bersungut kepada tuan tanah itu. ¹² Mereka berkata, ‘Pekerja-pekerja yang baru datang itu cuma bekerja sejam sedangkan kami sehari suntuk dalam panas matahari. Tetapi tuan membayar kami dan mereka sama sahaja!’

¹³ Tuan tanah itu menjawab seorang daripada mereka, ‘Dengarlah, kawan, aku tidak menipumu. Bukankah kamu telah bersetuju bekerja dengan upah sekeping wang dinar sehari? ¹⁴ Ambillah upahmu dan pulanglah. Aku memang hendak memberi pekerja yang datang terakhir itu upah

^d**20:9** Pukul lima petang.

20:8: Im 19:13; Ul 24:15.

yang sama. ¹⁵ Bukankah hakku berbuat sesuka hati dengan wangku sendiri? Mengapakah kamu busuk hati kerana aku bermurah hati?’ ”

¹⁶ Yesus berkata lagi, “Begitulah, orang yang terakhir akan menjadi yang terdahulu, dan orang terdahulu akan menjadi yang terakhir.”

Yesus memberitahu tentang kematian-Nya

¹⁷ Ketika Yesus sedang dalam perjalanan ke Yerusalem, Dia mengajak dua belas orang murid-Nya ke tepi dan berkata hanya kepada mereka: ¹⁸ “Dengarlah, kita sekarang ke Yerusalem. Di sana Anak Manusia akan dikhianati dan diserahkan kepada ketua-ketua imam dan ahli-ahli Taurat. Mereka akan menjatuhkan hukuman mati kepada-Nya. ¹⁹ Kemudian mereka akan menyerahkan-Nya ke tangan bangsa asing. Dia akan diejek, disebat dan disalib oleh mereka. Tetapi pada hari ketiga Dia akan dibangkitkan semula.”

Permintaan seorang ibu

²⁰ Setelah itu, isteri Zebedeus datang mendapatkan Yesus dengan kedua-dua orang anaknya. Dia bersujud di hadapan Yesus dan memohon sesuatu.

²¹ “Apakah permintaanmu?” tanya Yesus.

Ibu itu menjawab, “Berjanjilah bahwa apabila Engkau menjadi raja, kedua-dua orang anaku itu akan duduk dalam kerajaan-Mu di kiri dan kanan-Mu.”

²² Yesus berkata kepada kedua-dua anak lelaki ibu itu, “Kamu tidak tahu apa yang kamu minta itu. Sanggupkah kamu minum dari cawan yang akan Kuminum?”

“Sanggup,” jawab mereka.

²³ Yesus berkata kepada mereka, “Memang kamu akan minum dari cawan-Ku. Tetapi untuk duduk di kiri dan kanan-Ku, bukanlah Aku memberikannya, tetapi tempat itu milik mereka yang telah disediakan oleh Bapa-Ku.”

²⁴ Apabila sepuluh murid Yesus yang lain mendengar perkara itu, mereka marah kepada dua orang saudara itu. ²⁵ Oleh itu, Yesus memanggil mereka kepada-Nya lalu berkata, “Kamu tahu bahawa pemerintah bangsa asing memerintah rakyat dengan kuku besi, dan orang besar melaksanakan kekuasaan ke atas mereka.

²⁶ Ini tidak harus berlaku dalam kalanganmu. Sesiapa yang ingin menjadi orang besar dalam kalanganmu mestilah melayan kamu. ²⁷ Sesiapa

20:25: Luk 22:25,26.

20:26: Mat 23:11; Mrk 9:35; Luk 22:26.

yang ingin menjadi orang yang pertama dalam kalanganmu, haruslah menjadi hambamu.

²⁸ Demikianlah Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayan, tetapi untuk melayani, dan untuk menyerahkan nyawa-Nya sebagai tebusan bagi ramai orang.”

Yesus menyembuhkan dua orang buta

²⁹ Yesus meninggalkan Yerikho bersama murid-murid-Nya. Ramai orang mengikut mereka. ³⁰ Dua orang buta yang duduk di tepi jalan mendengar bahawa Yesus lalu di situ lalu berseru, “Wahai Tuhan, Anak Daud, kasihanilah kami!”

³¹ Orang ramai memarahi mereka dan menyuruh mereka diam. Tetapi mereka semakin kuat berseru, “Wahai Tuhan, Anak Daud, kasihanilah kami!”

³² Yesus berhenti lalu memanggil mereka dan bertanya, “Apa yang kamu mahu Kubuat untukmu?”

³³ Jawab mereka, “Tuhan, kami ingin melihat!”

³⁴ Yesus berbelas kasihan kepada mereka. Dia menyentuh mata mereka, dan serta-merta mereka dapat melihat, lalu mereka pun mengikut-Nya.

Ketibaan Yesus di Yerusalem

21 ¹ Apabila mereka sudah berhampiran Yerusalem, di Betfage, di Bukit Zaitun, Yesus mengutus dua orang murid, ² kata-Nya, “Pergilah ke kampung yang di hadapan itu. Kamu akan terus melihat seekor keldai tertambat, serta anaknya. Lepaskan keldai itu dan bawa kedua-duanya kepada-Ku. ³ Sekiranya ada orang berkata apa-apa, katakan kepadanya, ‘Tuhan memerlukannya.’ Dia akan terus memulangkannya.”

⁴ Dengan demikian terlaksanalah apa yang dikatakan oleh nabi:

⁵ “Katakanlah kepada puteri Sion,
‘Rajamu datang kepadamu dengan rendah
hati,
menunggang seekor keldai,
seekor keldai muda.’ ”

⁶ Kedua-dua orang murid Yesus itu pun pergi menjalankan segala yang disuruh-Nya. ⁷ Mereka membawa keldai itu bersama anak keldainya lalu mengalas keldai itu dengan jubah mereka. Yesus pun duduk di atasnya. ⁸ Ramai orang membentangkan jubah di atas jalan manakala yang lain memotong ranting-ranting pokok dan

menyelerakkannya di jalan. ⁹ Orang ramai yang berjalan di hadapan dan di belakang Yesus berseru-seru,

“Hosana bagi Anak Daud!”

“Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan!”

“Hosana di tempat yang maha tinggi!”

¹⁰ Apabila Dia masuk ke Yerusalem, seisi kota itu kagum lalu bertanya, “Siapakah ini?”

¹¹ Orang ramai itu berkata, “Inilah Yesus, nabi dari Nazaret di Galilea.”

¹² Setelah itu, Yesus masuk ke Bait Suci dan mengusir semua orang yang berjual beli di situ. Dia menterbalikkan meja pengurup wang dan tempat duduk penjual burung merpati.

¹³ Dia berkata kepada mereka, “Telah tersurat, ‘Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa, tetapi kamu telah menjadikannya sarang pencuri.’ ”

¹⁴ Selepas itu, orang yang buta dan yang tempang datang mendapatkan Yesus di Bait Suci, lalu Dia menyembuhkan mereka. ¹⁵ Tetapi apabila ketua imam dan ahli Taurat melihat segala mukjizat yang dilakukan-Nya, dan kanak-kanak berseru di dalam Bait Suci, “Hosana bagi Anak Daud!” mereka berasa marah.

¹⁶ Mereka berkata kepada Yesus, “Kamu dengarkah apa yang dikatakan mereka?”

Yesus menjawab, “Ya, belum pernahkah kamu baca,

‘Daripada mulut kanak-kanak dan bayi yang masih menyusu,

Engkau telah menyediakan puji-pujian.’ ”

¹⁷ Kemudian Dia meninggalkan mereka dan keluar dari kota itu lalu pergi ke Betania. Dia menginap di situ.

Pokok ara yang tidak berbuah

¹⁸ Pada pagi esoknya, ketika Dia pergi semula ke kota Yerusalem, Dia berasa lapar. ¹⁹ Dia melihat sebatang pokok ara di tepi jalan. Apabila Dia mendekatinya dan mendapati pokok itu hanya berdaun tidak berbuah, Dia berkata kepadanya, “Janganlah berbuah lagi selama-lamanya.” Serta-merta pokok itu layu dan mati.

²⁰ Apabila dilihat oleh murid-murid-Nya, mereka hairan dan bertanya, “Bagaimana pokok ara itu boleh layu dan mati serta-merta?”

²¹ Yesus menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika kamu beriman tanpa ragu, kamu dapat melakukan begitu juga kepada pokok ara itu, malah kamu boleh berkata kepada

gunung ini, 'Beralihlah dan terhumbanlah ke dalam laut,' lalu hal itu akan terjadi. ²² Apa sahaja yang kamu minta dalam doa dengan iman, akan kamu terima."

Kuasa Yesus dicabar

²³ Apabila Yesus masuk ke Bait Suci, ketua imam dan tua-tua datang kepada-Nya ketika Dia sedang mengajar, "Dengan kuasa apakah Kamu melakukan perkara-perkara ini? Dan siapakah yang memberi-Mu kuasa itu?"

²⁴ Yesus menjawab, "Aku juga akan bertanya satu soalan. Jika kamu memberitahu-Ku, Aku akan menyatakan kepadamu dengan kuasa apa Aku melakukan perkara-perkara itu: ²⁵ Baptisan Yohanes dari manakah asalnya? Daripada syurga atau daripada manusia?"

Mereka pun berbincang sesama sendiri, "Kalau kita berkata, 'Daripada syurga,' Dia akan berkata, 'Kalau begitu, mengapa kamu tidak percaya kepadanya?'" ²⁶ Tetapi kalau kita berkata, 'Daripada manusia,' takut orang ramai marah, kerana mereka menganggap Yohanes seorang nabi."

²⁷ Oleh itu, mereka menjawab, "Kami tidak tahu."

Yesus berkata kepada mereka, “Aku pun tidak akan memberitahumu dengan kuasa apa Aku melakukan perkara-perkara ini.”

Ibarat tentang dua orang anak

²⁸ “Tetapi bagaimana pandanganmu? Seorang ada dua orang anak lelaki. Dia mendapatkan yang sulung dan berkata, ‘Anakku, pergilah bekerja hari ini di ladang anggurku.’

²⁹ Anak itu menjawab, ‘Aku tidak mahu,’ tetapi kemudian dia menyesal lalu pergi bekerja di ladang bapanya.

³⁰ Ayah itu pergi pula mendapatkan anaknya yang kedua dengan kata-kata yang sama. Anak itu menjawab, ‘Baiklah, aku pergi, ayah,’ tetapi dia tidak pergi.

³¹ Antara dua itu, yang mana melakukan kehendak bapanya?”

Mereka menjawab, “Yang sulung.”

Yesus berkata kepada mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, pemungut cukai dan pelacur akan memasuki kerajaan Allah terlebih dahulu daripadamu. ³² Yohanes datang kepadamu untuk menunjukkan jalan yang benar^e tetapi kamu tidak percaya kepadanya; manakala

^e**21:32** Atau: Jalan perbenaran.

21:32: Luk 3:12; 7:29,30.

pemungut cukai dan pelacur percaya kepadanya. Setelah melihat hal ini pun, kamu tetap tidak menyesal dan percaya kepadanya.”

Ibarat tentang penyewa ladang

³³ Dengarlah satu ibarat lagi: Seorang tuan tanah menanam sebuah ladang anggur. Dia memasang pagar sekeliling ladangnya, menggali lubang tempat memeras anggur, dan membina menara tempat berkawal. Kemudian dia menyewakan ladang anggur itu kepada beberapa orang, lalu pergi ke negeri lain. ³⁴ Apabila tiba musim memetik, tuan tanah itu menghantar hamba-hambanya kepada para penyewa itu meminta bahagiannya daripada hasil ladang itu.

³⁵ Tetapi para penyewa ladang menangkap hamba-hamba itu. Ada yang dipukul, ada yang dibunuh, dan ada yang direjam. ³⁶ Tuan tanah itu menghantar hamba-hamba yang lain pula, lebih banyak lagi bilangannya. Tetapi hamba-hamba itu pun diperlakukan begitu juga. ³⁷ Akhirnya tuan itu menghantar anaknya sambil berfikir, ‘Tentu mereka akan menghormati anakku.’

³⁸ Tetapi apabila para penyewa itu melihat anak tuan itu, mereka berkata sama sendiri, ‘Marilah kita bunuh warisnya, supaya dapat

kita rampas harta pusaknya.’³⁹ Mereka pun menangkapnya, menghumbankannya ke luar ladang dan membunuhnya.

⁴⁰ Selepas itu Yesus bertanya, “Apabila tuan ladang anggur itu pulang, apakah yang akan dilakukannya kepada penyewa-penyewa itu?”

⁴¹ Mereka menjawab, “Tentu dia akan membunuh semua orang yang jahat itu dan menyewakan ladang anggurnya kepada orang lain yang sanggup memberikan bahagiannya daripada hasil ladang itu pada musim memetik anggur.”

⁴² Yesus berkata kepada mereka, “Tidakkah kamu baca apa yang tersurat dalam Kitab Suci:

‘Batu yang dibuang oleh pembina
telah menjadi batu penjuru.

Inilah perbuatan Tuhan;

Sungguh hebat di mata kami!?’

⁴³ “Sesungguhnya, hak untuk memasuki kerajaan Allah akan diambil daripadamu dan diberikan kepada bangsa yang memberikan hasil yang dikehendaki Allah. ⁴⁴ Sesiapa yang jatuh ke atas batu itu akan hancur luluh; dan sesiapa yang ditimpa batu itu akan remuk-redam.”

⁴⁵ Apabila ketua imam dan orang Farisi mendengar ibarat-ibarat Yesus, fahamlah

mereka bahawa Dia bercakap tentang mereka.
⁴⁶ Oleh itu, mereka cuba menangkap Yesus.
Tetapi mereka takut akan orang ramai yang
menganggap Yesus sebagai seorang nabi.

Ibarat tentang majlis perkahwinan

22 ¹ Yesus bercakap lagi kepada orang
ramai melalui ibarat. ² Dia berkata,
“Kerajaan syurga seperti ibarat ini. Seorang raja
mengadakan majlis perkahwinan untuk anaknya.
³ Raja menitahkan hamba-hambanya menjemput
orang ke majlis jamuan itu tetapi mereka enggan
hadir.

⁴ Kemudian raja itu menghantar lagi hamba-
hambanya yang lain. Titah raja itu, ‘Katakan
kepada mereka, lembu yang terbaik telah
disembelih, semuanya sudah siap, datanglah ke
majlis perkahwinan.’

⁵ Tetapi orang yang diundang tidak ambil peduli,
masing-masing sibuk dengan kerjanya. Ada
yang ke ladang, ada yang ke kedai. ⁶ Manakala
yang lain menangkap hamba-hamba itu lalu
mendera dan membunuh mereka. ⁷ Raja pun
teramat murka lalu menitahkan tenteranya
menghapuskan semua pembunuh itu dan
membakar kota mereka.

⁸ Setelah itu, raja memanggil hamba-hambanya
dan berkata, ‘Majlis perkahwinan sudah

siap tetapi orang yang diundang tidak layak menghadirinya. ⁹ Sekarang pergilah ke jalan raya dan jemput seramai mungkin orang yang kamu temui ke majlis perkahwinan ini.’

¹⁰ Hamba-hamba raja itu pun pergi ke jalan raya lalu mengumpulkan semua orang yang ditemui, tidak kira baik ataupun jahat, maka penuh sesaklah balai majlis jamuan itu dengan tetamu.

¹¹ Raja itu masuk melihat para tetamunya. Dilihatnya seorang yang tidak memakai pakaian untuk majlis perkahwinan. ¹² Raja berkata kepadanya, ‘Bagaimana engkau dapat masuk ke sini dengan tidak memakai pakaian untuk majlis perkahwinan?’ Orang itu terdiam.

¹³ Raja itu pun berkata kepada hamba-hambanya, ‘Ikat kaki dan tangan orang ini, buanglah dia ke dalam kegelapan di luar. Di sanalah akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.’”

¹⁴ “Ramai yang dipanggil, tetapi cuma sedikit yang dipilih.”

Membayar cukai kepada Kaisar

¹⁵ Beberapa orang Farisi pergi dan berpakat bagaimana hendak memerangkap Yesus dengan menyoal kata-kata yang digunakan-Nya.

¹⁶ Mereka menghantar para murid mereka dan sebilangan orang Herodes mendapatkan Yesus dan berkata, “Guru, kami tahu Engkau ikhlas dan mengajar cara Allah berdasarkan yang benar. Engkau tidak takut kepada sesiapa pun kerana Engkau tidak pilih kasih. ¹⁷ Jadi, katakanlah pendapat-Mu kepada kami. Wajarkah membayar cukai kepada Kaisar atau tidak?”

¹⁸ Yesus mengetahui niat jahat mereka lalu berkata, “Hai munafik! Mengapa kamu cuba memerangkap-Ku? ¹⁹ Tunjukkan mata wang yang kamu gunakan untuk membayar cukai.” Mereka membawa sekeping wang dinar itu kepada-Nya. ²⁰ Lalu Yesus bertanya kepada mereka, “Gambar dan nama siapakah ini?”

²¹ “Kaisar,” jawab mereka.

Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Kalau begitu, berikan milik Kaisar kepada Kaisar, dan berikan milik Allah kepada Allah.”

²² Mereka tercengang mendengar kata-kata Yesus, lalu pergi dari situ.

Perkahwinan dan kebangkitan

²³ Pada hari itu juga, orang Saduki, yang mengatakan tidak ada kebangkitan, datang kepada Yesus lalu bertanya, ²⁴ “Guru, Musa

berkata begini: Jika seseorang lelaki meninggal dunia tanpa anak, saudara lelakinya patutlah berkahwin dengan balunya dan memanjangkan zuriatnya. ²⁵ Ada tujuh orang adik-beradik lelaki dalam kalangan kami. Yang sulung berkahwin, kemudian meninggal dunia tanpa anak. Jadi, saudara yang kedua pun berkahwin dengan balunya. ²⁶ Saudara yang kedua itu pula meninggal dunia tanpa anak. Demikianlah terjadi seorang demi seorang hingga saudara yang ketujuh. ²⁷ Akhirnya wanita itu meninggal dunia. ²⁸ Pada hari kebangkitan, isteri siapakah wanita itu? Ini sebab ketujuh-tujuhnya pernah mengahwininya.”

²⁹ Yesus menjawab, “Kamu tersilap kerana kamu tidak memahami baik Kitab Suci mahupun kuasa Allah. ³⁰ Pada hari kebangkitan, mereka tidak berkahwin atau dikahwinkan; mereka seperti malaikat di syurga. ³¹ Tentang soal orang mati dibangkitkan semula, tidakkah kamu baca firman Allah: ³² ‘Akulah Allah Abraham, Allah Ishak dan Allah Yakub.’ Oleh itu, Dia bukanlah Allah orang mati tetapi Allah orang hidup.”

³³ Orang ramai kagum mendengar ajaran Yesus.

Perintah yang terutama

³⁴ Apabila orang Farisi mendengar betapa Yesus menyebabkan orang Saduki terdiam, mereka pun datang berkumpul. ³⁵ Seorang ahli Taurat antara mereka coba memerangkap Yesus dengan suatu soalan: ³⁶ “Guru, perintah manakah yang terutama dalam Taurat?”

³⁷ Yesus menjawab, “ ‘Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.’

³⁸ Inilah perintah yang terutama dan terpenting.

³⁹ Perintah kedua sama pentingnya: ‘Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.’ ⁴⁰ Seluruh Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi berasaskan dua perintah ini.”

⁴¹ Yesus bertanya kepada orang Farisi yang berkumpul itu: ⁴² “Apa pendapatmu tentang Kristus? Anak siapakah Dia?”

“Anak Daud,” jawab mereka.

⁴³ “Kalau begitu, mengapakah Daud, ketika diilhami Roh Kudus, menyebut-Nya ‘Tuan’? Daud berkata,

⁴⁴ ‘Tuhan telah berfirman kepada Tuanku:
Duduklah di kanan-Ku,

22:37: Ul 6:5. **22:39:** Im 19:18. **22:40:** Luk 10:25-28.

22:44: Mzm 110:1.

sehingga Kujadikan musuh-Mu
alas kaki-Mu.’ ”

⁴⁵ Jika Daud menyebut Dia ‘Tuan,’ bagaimana mungkin Dia anak Daud?” ⁴⁶ Tiada seorang pun menjawab soalan Yesus. Sejak hari itu, tiada siapa yang berani menyoal-Nya apa-apa lagi.

Yesus mengecam orang Farisi

23 ¹ Yesus berkata kepada orang ramai dan murid-murid-Nya: ² “Ahli Taurat dan orang Farisi menduduki kerusi Musa. ³ Oleh itu, patuhilah dan turutilah perintah yang diajarkan oleh mereka. Tetapi jangan contohi perbuatan mereka, kerana tidak selaras dengan ajaran mereka. ⁴ Mereka meletakkan beban yang berat dan sukar dipikul ke atas bahu orang, tetapi mereka langsung tidak mahu menolong orang memikul beban itu.

⁵ Mereka melakukan sesuatu hanya untuk dilihat orang. Lihatlah betapa besarnya bekas ayat Kitab Suci yang diikatkan pada dahi dan lengan mereka, serta betapa panjangnya rumbai jubah mereka. ⁶ Mereka suka duduk di tempat terhormat di majlis jamuan dan kerusi khas di

saumaah.^f ⁷ Mereka suka diberi salam hormat di pasar dan suka dipanggil ‘rabbi.’^g

⁸ Janganlah suruh orang memanggilmu ‘rabbi,’ kerana kamu semua bersaudara dan Gurumu hanya satu. ⁹ Janganlah panggil sesiapa pun di dunia ini ‘bapa,’ kerana kamu hanya mempunyai satu Bapa yang di syurga. ¹⁰ Janganlah suruh orang memanggilmu ‘pemimpin,’ kerana Pemimpinmu hanya satu, iaitu Kristus. ¹¹ Orang yang terbesar antaramu haruslah menjadi pelayanmu. ¹² Orang yang meninggikan diri akan direndahkan, dan orang yang merendahkan diri akan ditinggikan.”

¹³ “Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu menutupi kerajaan syurga di muka orang. Kamu bukan sahaja enggan memasuki kerajaan syurga; kamu halang pula orang lain yang berusaha untuk masuk. ¹⁴ Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu menipu balu dan merampas rumahnya, kemudian

^f**23:6** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

^g**23:7** Rabbi bererti ‘guru.’

23:11: Mat 20:26,27; Mrk 9:35; 10:43,44; Luk 22:26.

23:12: Luk 14:11; 18:14.

pura-pura berdoa berjela-jela. Oleh itu, kamu akan menerima hukuman yang lebih berat.^h

¹⁵ Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu merentas lautan dan daratan untuk menarik seseorang menganut agamamu. Namun demikian, setelah berjaya, kamu menjadikannya isi neraka yang dua kali lebih buruk daripadamu.

¹⁶ Malanglah kamu, pemimpin yang buta! Kamu mengajar orang demikian, 'Jika seorang bersumpah demi Bait Suci, dia tidak terikat pada sumpahnya. Tetapi jika dia bersumpah demi emas di dalam Bait Suci, dia terikat pada sumpahnya.'¹⁷ Hai orang bodoh dan buta! Yang mana lebih penting, emas atau Bait Suci yang menjadikan emas itu suci?¹⁸ Kamu juga mengajar orang begini, 'Jika seseorang bersumpah demi mazbah, dia tidak terikat pada sumpahnya; tetapi jika dia bersumpah demi persembahan di atas mazbah, dia terikat pada sumpahnya.'¹⁹ Hai orang yang buta hati! Yang manakah lebih penting, persembahan atau mazbah yang menjadikan persembahan itu suci?²⁰ Ketahuilah apabila seseorang bersumpah demi mazbah, dia bersumpah demi mazbah dan demi segala persembahan di atasnya.²¹ Apabila seseorang

^h**23:14** Ada terjemahan yang tidak mengandungi ayat ini.

bersumpah demi Bait Suci, dia bersumpah demi Bait Suci itu dan demi Dia yang tinggal di situ.

²² Apabila seseorang bersumpah demi syurga, dia bersumpah demi takhta Allah dan demi Dia yang duduk di atas takhta itu.

²³ Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu memberikan sepersepuluh daripada pelbagai jenis rempah seperti selasih, adas manis dan jintan kepada Allah. Tetapi kamu tidak mematuhi ajaran Taurat yang benar-benar penting seperti keadilan, belas kasihan dan kesetiaan. Kamu harus mengerjakan semua ini tanpa melalaikan ajaran yang lain. ²⁴ Hai pemimpin yang buta! Agas kamu tapis, tetapi unta kamu telan.

²⁵ Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu membersihkan bahagian luar cawan dan pinggan, sedangkan bahagian dalamnya penuh dengan hasil kekerasan dan kerakusanmu. ²⁶ Hai orang Farisi yang buta hati! Bersihkan bahagian dalam cawan itu, bahagian luarnya akan bersih juga.

²⁷ Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu seperti kubur yang bercat putih: cantik di luar tetapi di dalamnya

23:22: Yes 66:1; Mat 5:34. **23:23:** Im 27:30.

23:27: Kis 23:3.

penuh dengan tulang mayat dan segala macam kekotoran. ²⁸ Begitulah kamu! Pada lahirnya kamu orang yang benar, tetapi sebenarnya kamu durjana dan munafik.”

²⁹ “Malanglah kamu, ahli Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu membina makam yang indah untuk nabi-nabi dan menghiasi kubur orang yang benar. ³⁰ Kamu berkata, ‘Kalaulah kami hidup pada zaman nenek moyang kami dahulu, tentu kami tidak akan mengikut perbuatan mereka yang menumpahkan darah para nabi.’ ³¹ Jadi, kamu sendiri memberikan kesaksian bahawa kamu keturunan pembunuh nabi! ³² Kalau begitu, teruskan dan sempurnakanlah apa yang dimulakan oleh nenek moyangmu!

³³ Hai kamu ular, bahkan kamu bagaikan ular kapak berbisa! Bagaimana kamu dapat melepaskan diri daripada hukuman neraka?

³⁴ Sesungguhnya Aku akan mengutus nabi, orang bijaksana dan ahli Taurat kepadamu. Kamu akan membunuh dan menyalib mereka. Yang lain pula kamu sebat di dalam saumaah,ⁱ dan

ⁱ**23:34** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

buru dari kota ke kota. ³⁵ Dengan demikian darah semua orang benar yang tertumpah di bumi akan ditanggungkan kepadamu: mulai daripada darah Habel yang tidak bersalah itu hingga kepada darah Zakharia anak Berekhya, yang kamu bunuh di antara rumah ibadat dengan mazbah. ³⁶ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, semuanya itu akan ditanggungkan kepada keturunan zaman ini.

³⁷ Yerusalem, Yerusalem! Kamu membunuh nabi dan merejam utusan Allah! Sudah berapa kali Aku ingin mengumpul anak-anakmu seperti seekor ibu ayam mengumpul anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi kamu tidak mahu.

³⁸ Rumahmu akan ditinggalkan dan terbiar.

³⁹ Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, kamu tidak akan melihat Aku lagi sehingga kamu berkata, ‘Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan.’ ”

Tanda-tanda akhir zaman

24 ¹ Apabila Yesus melangkah keluar dari Bait Suci, murid-murid-Nya datang mendapatkan-Nya lalu menunjukkan bangunan-bangunan Bait Suci itu. ² Yesus berkata kepada

23:35 a: Kej 4:8; **b:** 2Taw 24:20,21. **23:38:** Yer 22:5.

23:39: Mzm 118:26.

mereka, “Lihatlah semuanya ini! Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, tiada seketul pun batunya akan tinggal tersusun; semuanya akan dirobuhkan.”

³ Ketika Yesus duduk di atas Bukit Zaitun, murid-murid-Nya datang mendapatkan-Nya. Pada masa itu tiada orang lain di situ. Mereka bertanya, “Katakanlah kepada kami, bilakah hal-hal itu akan terjadi? Apakah tanda-tanda kedatangan-Mu dan akhir zaman?”

⁴ Yesus menjawab mereka, “Awas, jangan terperdaya oleh sesiapa pun! ⁵ Ramai orang akan datang dengan nama-Ku dan berkata, ‘Akulah Kristus!’ Mereka akan membuat ramai orang terperdaya. ⁶ Kamu akan mendengar tentang peperangan dan desas-desus peperangan, tetapi janganlah kamu gentar; kerana hal-hal begitu harus terjadi, tetapi belum sampai waktunya akhir zaman. ⁷ Bangsa akan bangkit bertarung dengan bangsa, kerajaan dengan kerajaan. Kebuluran dan gempa bumi akan berlaku di merata-rata. ⁸ Segala ini cuma permulaan kesakitan sebelum bersalin.

⁹ Setelah itu, kamu akan ditangkap dan diserahkan untuk diseksa dan dibunuh. Kamu akan dibenci oleh semua bangsa kerana nama-Ku.

¹⁰ Pada masa itu ramai tidak akan lagi beriman kepada-Ku dan mereka akan saling mengkhianati dan membenci. ¹¹ Ramai nabi palsu akan tampil memperdaya orang ramai. ¹² Kejahatan semakin merebak sehingga kasih sayang hampir luput dari hati manusia. ¹³ Namun demikian, sesiapa yang bertahan ke saat akhir akan diselamatkan. ¹⁴ Injil tentang kerajaan Allah akan disembarkan ke seluruh pelosok bumi sebagai suatu kesaksian kepada semua bangsa. Selepas itu, barulah tiba akhir zaman.”

Seksaan yang besar

¹⁵ “Oleh itu, apabila kamu melihat ‘kekejian yang membawa kebinasaan’ yang disebut oleh nabi Daniel di tempat suci (biarlah para pembaca memperhatikan ertinya), ¹⁶ ketika itu orang yang di Yudea mesti lari ke pergunungan. ¹⁷ Orang yang di atas bumbung ketika itu janganlah masuk ke rumah mengambil apa-apa. ¹⁸ Orang yang di ladang usahlah pulang mengambil jubah. ¹⁹ Malanglah ibu yang mengandung dan menyusui anak. ²⁰ Berdoalah semoga kamu tidak terpaksa melarikan diri pada musim dingin atau hari Sabat. ²¹ Ketika itu akan berlaku

24:13: Mat 10:22. **24:15:** Dan 9:27; 11:31; 12:11.

24:17: Luk 17:31. **24:21:** Dan 12:1; Why 7:14.

kesengsaraan yang belum pernah berlaku sejak dunia dicipta sampai sekarang, dan yang tidak akan pernah berlaku lagi. ²² Kalaulah masa itu tidak disingkatkan, tiada seorang pun akan selamat. Namun demikian, demi umat pilihan-Nya, masa itu disingkatkan. ²³ Pada waktu itu, jika orang berkata kepadamu, 'Lihat, Kristus ada di sini!' atau 'Dia ada di sana!' janganlah percaya. ²⁴ Kerana beberapa kristus palsu dan nabi palsu akan muncul dan menunjukkan pelbagai mukjizat serta keajaiban untuk memperdaya orang, kalau boleh termasuk umat pilihan. ²⁵ Dengarlah! Aku telah memberitahumu semua ini sebelum terjadi.

²⁶ Jika orang berkata kepadamu, 'Lihat! Dia ada di gurun!' janganlah kamu ke sana. Dan jika mereka berkata, 'Dia ada di dalam bilik!' usahlah kamu percaya. ²⁷ Sesungguhnya, Anak Manusia akan datang seperti kilat yang memancar di seluruh langit, dari timur hingga ke barat. ²⁸ Di mana ada bangkai, di situlah berkerumunnya burung nasar."

Kedatangan yang mulia

²⁹ “Tidak lama selepas kesengsaraan masa itu, ‘matahari akan dikelamkan dan bulan tidak akan bersinar lagi; Bintang-bintang di langit akan gugur, dan kuasa-kuasa di langit akan digoncang.’

³⁰ Tanda Anak Manusia akan kelihatan di langit. Semua suku bangsa di bumi akan menangis melihat Anak Manusia dalam awan dengan kekuasaan dan kemuliaan yang besar. ³¹ Sangkakala akan dibunyikan dengan kuatnya, dan Anak Manusia akan menghantar malaikat-malaikat-Nya dan menghimpunkan umat pilihan-Nya dari empat mata angin, dari satu hujung langit ke hujung yang lain.”

³² “Ambillah iktibar daripada ibarat tentang pokok ara. Apabila dahan-dahannya sudah melembut dan mula bertunas, kamu tahu musim panas hampir tiba. ³³ Demikianlah apabila kamu melihat perkara-perkara ini, ketahuilah kamu bahawa waktunya hampir tiba, sudah di ambang pintu. ³⁴ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, angkatan zaman ini tidak akan luput sebelum

24:29 Yes 13:10; Yl 2:10,31; 3:15; Why 6:12; Yes 13:10; Yeh 32:7; Yl 2:10; 3:15; Yes 34:4; Why 6:13.

24:30: Dan 7:13; Za 12:10-14; Why 1:7.

segalanya ini terjadi. ³⁵ Langit dan bumi akan lenyap, tetapi kata-kata-Ku tidak akan lenyap.”

Nasihat supaya berjaga-jaga

³⁶ “Tetapi tentang hari dan waktunya, tiada siapa yang tahu hari atau waktunya, baik para malaikat di syurga mahupun Anak. Hanya Bapa yang tahu. ³⁷ Sebagaimana yang berlaku pada zaman Nuh, demikianlah kelak pada hari kedatangan Anak Manusia. ³⁸ Sebelum banjir melanda, mereka makan minum, berkahwin dan dikahwinkan, hinggalah waktu Nuh masuk ke bahtera. ³⁹ Mereka tidak sedar apa yang berlaku hingga banjir memusnahkan mereka. Demikianlah kelak pada hari kedatangan Anak Manusia. ⁴⁰ Pada masa itu, ada dua orang yang sedang bekerja di ladang, seorang dibawa dan seorang ditinggalkan. ⁴¹ Antara dua orang wanita yang sedang menggiling gandum, seorang akan dibawa manakala yang seorang lagi ditinggalkan.

⁴² Berjaga-jagalah, kerana kamu tidak mengetahui waktunya Tuhanmu datang.

⁴³ Ingatlah: Sekiranya tuan rumah mengetahui bila masanya pencuri akan datang, dia tidak akan tidur. Dia tidak akan membiarkan rumahnya dipecah masuk. ⁴⁴ Kamu juga hendaklah sentiasa

bersedia. Anak Manusia akan datang pada saat yang tidak kamu sangka.”

⁴⁵ “Siapakah hamba yang setia dan bijaksana? Dialah yang diamanahkan oleh tuannya menjadi pengurus rumahnya dan memberikan makan kepada hamba-hamba yang lain pada waktunya.

⁴⁶ Diberkatilah hamba itu jika dia didapati menjalankan tugas pada waktu tuannya kembali.

⁴⁷ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, tuan itu akan mengamankan segala harta bendanya kepada hamba itu. ⁴⁸ Tetapi jika hamba itu zalim, dia akan berkata dalam hatinya, ‘Tuan akan pulang lambat,’ ⁴⁹ lalu dia pun memukul hamba-hamba yang lain, dan makan minum dengan pemabuk. ⁵⁰ Kemudian tuan hamba itu akan kembali pada hari yang tidak disangkanya, dan pada waktu yang tidak diketahuinya. ⁵¹ Dia akan membunuh hamba itu dan membuangnya ke tempat orang munafik. Di sanalah akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.”

Ibarat tentang sepuluh anak dara

25 ¹ “Kerajaan syurga ibarat sepuluh orang anak dara yang membawa lampu dan berjalan keluar untuk menyambut pengantin lelaki. ² Lima orang daripada mereka itu bijak

manakala yang lima lagi kurang berakal. ³ Yang kurang berakal membawa lampu sahaja tanpa bekalan minyak. ⁴ Yang bijak membawa lampu bersama bekas berisi minyak. ⁵ Apabila pengantin lelaki lewat tiba, mereka semuanya mengantuk lalu tertidur.

⁶ Pada waktu tengah malam terdengar seruan, 'Pengantin lelaki sudah dekat; pergilah menyambutnya!'

⁷ Kesemua anak dara itu pun membetulkan lampu mereka. ⁸ Yang kurang berakal berkata kepada yang bijak, 'Berilah kami minyakmu itu sedikit, kerana lampu kami hampir padam.'

⁹ Tetapi yang bijak menjawab, 'Kami tidak dapat memberimu, nanti tidak cukup minyak ini; pergilah beli minyak daripada penjual.'

¹⁰ Sementara yang kurang berakal pergi membeli minyak, pengantin lelaki pun sampai. Semua mereka yang sudah sedia terus mengiringinya ke majlis perkahwinan, maka pintu pun ditutup.

¹¹ Kemudian barulah anak dara yang berlima lagi itu tiba lalu berseru, 'Tuan, tuan, bukalah pintu untuk kami!'

¹² Tetapi pengantin lelaki berkata,
'Sesungguhnya, aku tidak mengenalmu.'
”

¹³ “Oleh itu, berjaga-jagalah, kerana kamu tidak tahu hari dan waktunya.”

Ibarat tentang wang emas

¹⁴ “Kerajaan syurga sama seperti seorang yang berpergian dan memanggil hamba-hambanya untuk berpesan menjaga hartanya. ¹⁵ Kepada yang seorang dia memberikan lima talenta, kepada seorang lagi dua, kepada yang seorang lagi satu, masing-masing menurut kebolehannya. Setelah itu, dia pun bertolak. ¹⁶ Hamba yang menerima lima talenta itu memperniagakannya, lalu mendapat untung lima talenta lagi.

¹⁷ Demikian juga yang menerima dua talenta, dia mendapat laba dua talenta lagi. ¹⁸ Tetapi yang menerima satu talenta menggali lubang di tanah dan menyembunyikan wang tuannya di situ.

¹⁹ Selepas beberapa lama, tuan kepada hamba-hamba itu pulang lalu menyelesaikan kira-kira dengan mereka. ²⁰ Hamba yang menerima lima talenta dahulu membawakan lima talenta lagi sambil berkata, ‘Tuan, tuan telah memberiku

lima talenta. Lihatlah, aku telah mendapatkan lima talenta lagi dengannya.'

²¹ Tuannya berkata kepadanya, 'Syabas, wahai hamba yang baik dan setia. Kamu setia mengurus yang sedikit, maka aku akan memberimu kuasa mengendalikan yang banyak. Nikmatilah kebahagiaan kurnia tuanmu.'

²² Yang telah menerima dua talenta pula datang lalu berkata, 'Tuan, tuan telah memberiku dua talenta. Lihatlah, aku telah mendapatkan dua talenta lagi dengannya.'

²³ Tuannya berkata kepadanya, 'Syabas, wahai hamba yang baik dan setia. Kamu setia mengurus yang sedikit. Aku akan memberimu kuasa mengendalikan yang banyak. Nikmatilah kebahagiaan kurnia tuanmu.'

²⁴ Kemudian hamba yang menerima satu talenta itu datang lalu berkata, 'Tuan, aku tahu tuan berhati batu. Tuan menuai tanpa menyemai, memungut hasil tanpa menabur benih. ²⁵ Jadi aku takut, lalu kusorokkan satu talenta tuan itu di dalam tanah. Lihat, itulah hak milik tuan.'

²⁶ Tetapi tuannya menjawab, 'Hai hamba yang zalim dan malas, kamu tahu aku menuai tanpa menyemai, memungut hasil tanpa menabur benih. ²⁷ Oleh itu, sepatutnya kamu simpan wang itu di dalam tabung, supaya ketika aku pulang, aku menerima wang itu dengan faedahnya.'

²⁸ 'Sekarang, ambillah talenta itu daripadanya dan berikannya kepada yang mempunyai sepuluh talenta itu. ²⁹ Demikianlah, kepada setiap orang yang mempunyai sesuatu akan diberi lebih lagi, sehingga dia penuh kelimpahan; sebaliknya orang yang tidak mempunyai sesuatu, apa yang ada padanya pun akan diambil. ³⁰ Buangkan hamba yang tidak berguna ini ke dalam kegelapan di luar. Di sana akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.' "

Hukuman

³¹ "Apabila Anak Manusia datang dengan segala kemuliaan-Nya, diiringi sekalian malaikat suci, Dia akan duduk di atas takhta kemuliaan-Nya. ³² Semua bangsa akan berhimpun di hadapan-Nya, dan Dia akan mengasing-asingkan mereka, sebagaimana gembala mengasing-asingkan domba daripada kambing. ³³ Dia akan meletakkan domba di sebelah kanan-Nya dan kambing di sebelah kiri-Nya.

³⁴ Kemudian Raja itu akan berkata kepada mereka yang di sebelah kanan-Nya, 'Marilah, kamu yang diberkati oleh Bapa-Ku! Warisilah

25:29: Mat 13:12; Mrk 4:25; Luk 8:18.

25:30: Mat 8:12; 22:13; Luk 13:28.

25:31 a: Mat 16:27; **b:** Mat 19:28.

kerajaan yang telah disediakan untukmu sejak dunia dicipta. ³⁵ Kerana Aku lapar dan kamu memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu memberi-Ku minuman; Aku orang asing dan kamu menerima-Ku masuk ke rumahmu; ³⁶ Aku tidak berpakaian dan kamu memberi-Ku pakaian; Aku sakit dan kamu melawat-Ku; Aku di dalam penjara dan kamu datang kepada-Ku.'

³⁷ Orang yang benar itu pun bertanya, 'Tuhan, bilakah kami melihat-Mu lapar dan memberi-Mu makanan, melihat-Mu dahaga dan memberi-Mu minuman? ³⁸ Bilakah kami melihat-Mu orang asing dan menerima-Mu masuk ke rumah, melihat-Mu tidak berpakaian dan memberi-Mu pakaian? ³⁹ Bila pula kami melihat-Mu sakit, atau di dalam penjara, dan datang kepada-Mu?'

⁴⁰ Raja akan menjawab, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila kamu melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-Ku ini, ertinya kamu melakukannya kepada-Ku.'

⁴¹ Selepas itu, Dia akan berkata kepada mereka yang di sebelah kiri-Nya, 'Nyahlah dari sisi-Ku, kamu yang terlaknat, ke dalam api kekal yang telah disediakan untuk Iblis dan para malaikatnya; ⁴² kerana Aku lapar dan kamu tidak memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu tidak memberi-Ku minuman. ⁴³ Aku orang asing dan kamu tidak menerima-Ku masuk ke

rumahmu; Aku tidak berpakaian dan kamu tidak memberi-Ku pakaian; Aku sakit, Aku di dalam penjara, dan kamu tidak melawat-Ku.’

⁴⁴ Mereka akan berkata, ‘Tuhan kami, bilakah kami melihat-Mu lapar, atau dahaga, orang asing, atau tidak berpakaian, atau sakit, atau di dalam penjara, dan tidak mengambil berat tentang-Mu?’

⁴⁵ Dia akan menjawab, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila kamu tidak melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-Ku ini, ertinya kamu tidak melakukannya kepada-Ku.’

⁴⁶ Mereka itu akan menanggung hukuman selama-lamanya, manakala mereka yang benar akan menikmati hidup kekal.”

Rancangan untuk membunuh Yesus

26 ¹ Setelah selesai Yesus menyampaikan semua ini, Dia pun berkata kepada murid-murid-Nya, ² “Kamu tahu bahawa dua hari lagi Perayaan Paskah menjelang, dan Anak Manusia akan diserahkan untuk disalib.”

³ Ketua-ketua imam, ahli Taurat dan tua-tua berhimpun di istana imam besar yang bernama Kayafas. ⁴ Mereka berpakat untuk memerangkap

Yesus secara tipu daya dan membunuh-Nya.

⁵ Tetapi mereka berkata, “Janganlah pada waktu perayaan, takut orang merusuh.”

Yesus dituangi minyak

⁶ Apabila Yesus berada di Betania di rumah Simon, yang menghidap penyakit kusta, ⁷ seorang wanita mendekati-Nya dengan membawa kendi pualam berisi minyak wangi yang amat mahal, lalu menuangkan minyak itu ke atas kepala-Nya ketika Dia sedang duduk bertelekan di meja.

⁸ Apabila murid-murid-Nya melihat perbuatan wanita itu, mereka marah lalu berkata, “Mengapa membazir begini? ⁹ Minyak wangi ini boleh dijual dengan harga yang tinggi dan wangnya dapat disedekahkan kepada orang miskin.”

¹⁰ Tetapi apabila Yesus mengetahui kemarahan mereka, Dia berkata, “Mengapakah kamu menyusahkan wanita ini? Dia telah melakukan sesuatu yang baik untuk-Ku. ¹¹ Orang miskin akan sentiasa ada di sekitarmu, tetapi Aku tidaklah sentiasa ada bersamamu. ¹² Dengan menuangkan minyak wangi ini ke atas tubuh-Ku, dia membuat persiapan untuk pengebumian-Ku. ¹³ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, di mana-mana pun kelak Injil ini disebarikan di

serata dunia, apa yang telah dilakukan oleh wanita ini akan dikisahkan juga sebagai kenangan kepadanya.”

Yudas mengkhianati Yesus

¹⁴ Selepas itu, seorang daripada dua belas murid Yesus, bernama Yudas Iskariot, pergi kepada ketua-ketua imam. ¹⁵ Dia berkata kepada mereka, “Apakah yang sanggup kamu berikan kepadaku kalau kuserahkan Dia kepadamu?” Mereka memberinya tiga puluh keping wang perak. ¹⁶ Sejak itu dia pun mencari peluang untuk mengkhianati Yesus.

Perjamuan Tuhan

¹⁷ Pada hari pertama Perayaan Roti Tidak Beragi, murid-murid Yesus mendapatkan-Nya lalu berkata, “Di manakah Engkau mahu kami sediakan jamuan Paskah untuk-Mu?”

¹⁸ Yesus berkata, “Pergilah ke kota kepada seorang tertentu dan katakanlah kepadanya, ‘Guru berkata, Masa-Ku sudah hampir; Aku akan menyambut Perayaan Paskah di rumahmu bersama para murid-Ku.’ ” ¹⁹ Murid-murid Yesus menjalankan arahan-Nya lalu menyediakan jamuan Perayaan Paskah.

²⁰ Menjelang malam, Dia pun duduk bertelekan di meja bersama murid-Nya yang dua belas itu.

²¹ Sambil makan itu Dia berkata, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, seorang daripadamu akan mengkhianati-Ku.”

²² Mereka sungguh berdukacita, dan setiap orang daripada mereka berkata kepada-Nya, “Tuhan, tentunya aku bukan orang itu?”

²³ Yesus menjawab, “Orang yang mencecahkan tangannya bersama-Ku ke dalam bekas akan mengkhianati-Ku. ²⁴ Anak Manusia memanglah harus pergi seperti yang tersurat tentang-Nya, tetapi malanglah orang yang mengkhianati-Nya! Lebih baik baginya jika dia tidak dilahirkan.”

²⁵ Ketika itu Yudas yang akan mengkhianati-Nya bertanya, “Rabbi, akukah orangnya?”

Yesus berkata kepadanya, “Kamu telah mengatakannya.”

²⁶ Ketika mereka sedang makan, Yesus mengambil roti, mengucap syukur lalu memecah-mecahkan dan memberikannya kepada murid-murid-Nya sambil berkata, “Ambil dan makanlah, ini tubuh-Ku.”

²⁷ Kemudian Dia mengambil cawan air anggur dan mengucap syukur lalu memberikannya kepada mereka sambil berkata, “Minumlah

dari cawan ini, kamu semua. ²⁸ Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa. ²⁹ Tetapi, Aku berkata kepadamu, Aku tidak akan minum air anggur lagi hinggalah pada hari Aku minum yang baru bersamamu dalam kerajaan Bapa-Ku.”

³⁰ Setelah menyanyikan sebuah lagu suci mereka pun beredar ke Bukit Zaitun.

³¹ Kemudian Yesus berkata kepada mereka, “Kamu semua akan goyah kerana-Ku malam ini, seperti yang telah tersurat:

‘Aku akan merebahkan Gembala,
dan kawanannya akan bertempiran.’

³² Tetapi setelah Aku dibangkitkan semula, Aku akan mendahului kamu ke Galilea.”

³³ Petrus menjawab, “Kalaupun semua yang lain goyah kerana-Mu, aku tidak akan goyah.”

³⁴ Yesus berkata kepadanya, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, pada malam ini juga, sebelum ayam berkokok, engkau akan menyangkal-Ku tiga kali.”

³⁵ Petrus berkata kepada Yesus, “Kalaupun aku terpaksa mati bersama-Mu, aku tidak akan menyangkal-Mu!” Semua murid yang lain pun berkata demikian.

26:28 a: Kel 24:8; **b:** Yer 31:31-34. **26:31:** Za 13:7.

26:32: Mat 28:16.

Di taman Getsemani

³⁶ Selepas itu, Yesus pergi bersama mereka ke sebuah tempat bernama Getsemani, lalu Dia berkata kepada murid-murid-Nya, “Duduklah di sini sementara Aku berdoa di sana.” ³⁷ Yesus membawa bersama-Nya Petrus dan kedua-dua anak Zebedeus. Dia mula berasa dukacita dan resah. ³⁸ Dia berkata kepada mereka, “Jiwa-Ku sungguh dukacita, bagaikan mati. Duduklah di sini berjaga bersama-Ku.”

³⁹ Yesus pergi jauh sedikit dari situ lalu sujud menyembamkan muka ke tanah dan berdoa, “Ya Bapa-Ku, kalaulah dapat, edarkanlah cawan ini daripada-Ku; namun, bukanlah seperti yang Kukehendaki, melainkan seperti yang Kaukehendaki.”

⁴⁰ Kemudian Dia kembali kepada murid-murid-Nya dan mendapati mereka tertidur; lalu Dia berkata kepada Petrus, “Satu jam pun kamu tidak dapat berjaga bersama-Ku? ⁴¹ Berjaga dan berdoalah, takut nanti kamu tergoda. Memang rohani rela, tetapi jasmani lemah.”

⁴² Bagi kali kedua, Dia pergi dan berdoa, “Ya Bapa-Ku, jika cawan ini tidak mungkin beredar daripada-Ku melainkan Kuminum, terlaksanalah kehendak-Mu.”

⁴³ Selepas itu, Dia mendapati mereka tidur lagi, kerana mata mereka sungguh mengantuk. ⁴⁴ Dia pun meninggalkan mereka dan pergi berdoa lagi, bagi kali ketiga. Dia mengucapkan kata-kata yang sama.

⁴⁵ Setelah itu, Dia mendapatkan murid-murid-Nya lalu berkata, “Adakah kamu masih tidur dan berehat? Lihatlah, masanya telah menjelang, dan Anak Manusia sedang dikhianati untuk diserahkan ke tangan orang berdosa. ⁴⁶ Bangunlah, mari kita pergi. Lihat, pengkhianat-Ku sudah tiba.”

Yesus ditangkap

⁴⁷ Ketika Dia sedang berkata-kata itu, seorang daripada murid-Nya yang dua belas, Yudas, datang diiringi orang yang sangat ramai dan bersenjatakan pedang serta belantan. Mereka datang daripada ketua-ketua imam dan tua-tua. ⁴⁸ Pengkhianat Yesus telah menetapkan satu isyarat dengan mereka, “Yang kucium nanti, itulah Dia; tangkaplah Dia.” ⁴⁹ Dengan segera dia menghampiri Yesus sambil berkata, “Selamat sejahtera, Rabbi!” lalu mencium-Nya.

⁵⁰ Yesus berkata kepadanya, “Kawan, mengapakah kamu datang?”

Orang ramai itu pun menangkap Yesus.

⁵¹ Tiba-tiba seorang murid Yesus menghunus

pedangnya lalu menetak hamba imam besar, sehingga terputus telinganya.

⁵² Tetapi Yesus berkata kepada murid-Nya itu, “Simpan semula pedangmu di tempatnya yang wajar, kerana semua yang menggunakan pedang akan musnah dimakan pedang. ⁵³ Adakah kamu sangka Aku tidak boleh berdoa supaya Bapa-Ku menghantar lebih daripada dua belas pasukan tentera malaikat untuk menolong-Ku? ⁵⁴ Bukankah kejadian ini mesti berlaku supaya yang tersurat dalam Kitab Suci ternyata benar?”

⁵⁵ Kemudian Yesus berkata kepada orang ramai itu, “Patutkah kamu datang, bagaikan hendak menangkap perompak, dengan pedang dan belantan, untuk membawa-Ku pergi? Hari demi hari Aku duduk bersamamu, mengajar di Bait Suci, dan kamu tidak menangkap-Ku. ⁵⁶ Tetapi segala ini berlaku supaya yang tersurat dalam kitab nabi-nabi terlaksana.” Setelah itu, semua murid Yesus meninggalkan-Nya, masing-masing melarikan diri.

Yesus di hadapan Majlis Agama

⁵⁷ Orang yang menangkap Yesus membawa-Nya kepada Imam Besar Kayafas. Di situ ahli Taurat dan tua-tua telah berhimpun. ⁵⁸ Petrus mengikut

dari jauh ke bahagian laman dalam rumah imam besar, lalu masuk dan duduk dalam kalangan hamba di situ untuk melihat kesudahan perkara itu.

⁵⁹ Ketua-ketua imam dan seluruh Majlis Agama berusaha mencari kesaksian terhadap Yesus supaya dapat membunuh-Nya. ⁶⁰ Tetapi mereka tidak berjaya sungguhpun ramai saksi palsu yang tampil.

Akhirnya dua orang saksi tampil ⁶¹ dengan kesaksian: “Orang ini telah berkata, ‘Aku dapat memusnahkan Bait Allah dan membinanya semula dalam tiga hari.’ ”

⁶² Imam besar berdiri lalu berkata kepada Yesus, “Tidakkah Kamu mahu menjawab apa-apa? Apakah yang didakwakan oleh mereka ini terhadap-Mu?” ⁶³ Tetapi Yesus berdiam diri.

Imam besar berkata kepada-Nya, “Demi Allah yang hidup, katakan kepada kami, adakah Kamu ini Kristus, Anak Allah?”

⁶⁴ Yesus berkata kepadanya, “Benarlah seperti katamu. Namun demikian, Aku berkata kepadamu, kemudian hari kelak kamu akan melihat Anak Manusia duduk di sebelah kanan Yang Maha Kuasa, dan datang dalam awan di langit.”

⁶⁵ Kemudian imam besar mengoyak-ngoyakkan pakaiannya sambil berkata, “Dia telah melafazkan kata-kata kufur! Apa perlunya saksi lagi? Sekarang kamu telah mendengar kata-kata kufur-Nya!

⁶⁶ Bagaimana pendapatmu?”

Mereka menjawab, “Dia patut dibunuh.”

⁶⁷ Setelah itu, mereka meludahi muka-Nya dan memukul-Nya. Ada yang menampar-Nya.

⁶⁸ Mereka berkata, “Bernubuatlah pada kami, hai Kristus! Siapa yang memukul-Mu?”

Petrus menyangkal Yesus

⁶⁹ Sedang Petrus duduk di laman dalam rumah itu, seorang hamba perempuan datang dan berkata kepadanya, “Kamu pun bersama Yesus, orang Galilea itu.”

⁷⁰ Tetapi Petrus menyangkal di hadapan mereka semua, “Aku tak tahu apa yang kaukatakan itu.”

⁷¹ Setelah Petrus pergi ke luar ke pintu gerbang, seorang perempuan lagi melihatnya dan berkata kepada orang di situ, “Orang ini pun bersama Yesus orang Nazaret.”

⁷² Petrus menyangkal lagi sambil bersumpah, “Aku tak kenal orang itu!”

⁷³ Tidak lama kemudian orang yang berdiri-diri di situ menghampiri Petrus dan berkata

kepadanya, “Sudah tentu kamu juga seorang daripada mereka; ini jelas daripada loghatmu.”

⁷⁴ Petrus pun mengucapkan kutuk dan sumpah, “Aku tidak kenal orang itu!”

Serta-merta ayam berkokok. ⁷⁵ Lalu Petrus teringat kata-kata Yesus kepadanya, “Sebelum ayam berkokok, engkau akan menyangkal-Ku tiga kali.” Petrus pun keluar dari situ lalu menangis dengan amat kesalnya.

Yudas menggantung diri

27 ¹ Setelah siang, semua ketua imam dan tua-tua berpakat untuk membunuh Yesus. ² Mereka menyuruh orang mengikat-Nya. Kemudian mereka membawa-Nya lalu menyerahkan-Nya kepada gabenor,^j Pontius Pilatus.

³ Apabila Yudas yang mengkhianati-Nya melihat bahawa Yesus telah dijatuhi hukum mati, dia menyesali perbuatannya lalu mengembalikan tiga puluh keping wang perak ke hadapan ketua-ketua imam dan tua-tua. ⁴ Yudas berkata, “Aku berdosa menyebabkan tumpahnya darah orang yang tidak bersalah.”

^j27:2 Atau: Pembesar negeri.

27:3: Kis 1:18,19.

Kata mereka, “Apa kami peduli? Tanganilah sendiri!”

⁵ Yudas pun mencampakkan keping-keping wang perak itu ke dalam Bait Suci lalu pergi menggantung dirinya.

⁶ Ketua-ketua imam memungut wang perak itu lalu berkata, “Menurut hukum, kita tidak boleh memasukkan wang ini ke dalam perbendaharaan rumah ibadat, kerana wang ini harga darah.”

⁷ Mereka bermesyuarat lalu menggunakan wang itu untuk membeli ladang tukang tembikar bagi dijadikan tempat perkuburan orang asing. ⁸ Oleh itu, padang tersebut dipanggil Padang Darah hingga hari ini. ⁹ Dengan demikian terlaksanalah apa yang dikatakan oleh Nabi Yeremia: “Maka mereka pun mengambil tiga puluh keping perak itu, harga Dia yang telah dinilai oleh anak-anak Israel, ¹⁰ lalu membeli tanah tukang tembikar seperti yang diperintahkan Tuhan kepadaku.”

Yesus di hadapan Pilatus

¹¹ Gabenor itu bertanya kepada Yesus yang berdiri di hadapannya, “Adakah Engkau Raja orang Yahudi?”

Yesus berkata, “Begitulah seperti katamu.”

¹² Ketika Dia dituduh oleh ketua-ketua imam dan tua-tua, Dia tidak berkata suatu apa.

¹³ Kemudian Pilatus berkata kepada-Nya, “Tidakkah Kamu dengar betapa banyaknya tuduhan terhadap-Mu dalam kesaksian mereka?” ¹⁴ Tetapi Yesus tidak berkata sepatah pun, sehingga amat hairan gabenor^k melihat-Nya.

¹⁵ Pada waktu perayaan, lazimnya gabenor membebaskan dari penjara seorang yang dikehendaki oleh orang ramai. ¹⁶ Pada masa itu ada seorang banduan yang terkenal jahatnya, bernama Barabas. ¹⁷ Setelah mereka berhimpun, Pilatus bertanya, “Yang mana kamu mahu aku bebaskan dan serahkan ke tanganmu, Barabas atau Yesus yang dipanggil Kristus?” ¹⁸ Gabenor itu tahu bahawa mereka telah menyerahkan Yesus kepadanya kerana iri hati.

¹⁹ Ketika Pilatus sedang duduk di atas kerusi penghakiman, isterinya berkirim pesan kepadanya, “Jangan apa-apakan orang yang tidak bersalah; hari ini aku banyak menanggung azab dalam mimpi kerana-Nya.”

²⁰ Tetapi ketua-ketua imam dan tua-tua dapat meyakinkan orang ramai supaya meminta Barabas dibebaskan dan Yesus dibunuh.

^k**27:14** Atau: Pembesar negeri.

²¹ Gabenor itu berkata kepada mereka, “Yang mana antara dua orang ini kamu mahu aku bebaskan dan serahkan ke tanganmu?”

Mereka menjawab, “Barabas!”

²² Pilatus bertanya kepada mereka, “Jadi, apa yang harus kubuat dengan Yesus yang dipanggil Kristus?”

Kesemua mereka berkata kepadanya, “Salibkan Dia!”

²³ Gabenor berkata, “Mengapa, apakah kejahatan yang telah dilakukan-Nya?”

Tetapi mereka berseru semakin kuat, “Salibkan Dia!”

²⁴ Apabila Pilatus melihat bahawa dia tidak dapat mempengaruhi mereka malah mereka mula hendak merusuh, dia mengambil air lalu membasuh tangannya di hadapan orang ramai itu sambil berkata, “Aku bebas daripada kesalahan menumpahkan darah orang yang baik ini. Kamu tanganiilah sendiri.”

²⁵ Kesemua mereka menjawab, “Biarlah darah-Nya tertanggung di atas kami dan zuriat kami.”

²⁶ Pilatus pun membebaskan Barabas kepada mereka; dan setelah menyebat Yesus, dia menyerahkan-Nya untuk disalib.

Askar mengejek Yesus

²⁷ Kemudian askar-askar gabenor membawa Yesus ke istana gabenor dan menghimpunkan seluruh pasukan tentera di situ. ²⁸ Mereka melucutkan pakaian-Nya dan menyarungkan jubah ungu ke tubuh-Nya. ²⁹ Mereka membuat mahkota daripada duri lalu meletakkannya di atas kepala Yesus dan menggenggamkan mensiang di tangan kanan-Nya. Kemudian mereka berlutut kepada-Nya sambil mengejek-Nya, "Hai Raja orang Yahudi!" ³⁰ Selepas itu, mereka meludahi-Nya dan memukul kepala-Nya dengan mensiang itu. ³¹ Setelah selesai mempermain-mainkan-Nya, mereka melucutkan jubah ungu itu dan mengenakan semula pakaian-Nya lalu membawa-Nya untuk disalib.

Yesus disalib

³² Dalam perjalanan, mereka bertemu dengan seorang lelaki dari Kirene bernama Simon. Mereka memaksanya mengangkat kayu salib Yesus. ³³ Mereka pun sampai di suatu tempat dipanggil Golgota, bermakna Tempat Tengkorak. ³⁴ Di situ mereka memberi-Nya air anggur masam bercampur hempedu dan menyuruh-Nya

minum. Tetapi setelah merasanya, Dia enggan minum. ³⁵ Selepas itu mereka menyalib-Nya, dan membahagikan pakaian-Nya dengan membuang undi. ³⁶ Kemudian mereka duduk berjaga di situ. ³⁷ Di atas kayu salib Yesus mereka memaparkan tuduhan terhadap-Nya: “Inilah Yesus Raja orang Yahudi.” ³⁸ Dua orang perompak disalib bersama-Nya, seorang di kanan dan seorang di sebelah kiri-Nya. ³⁹ Orang yang lalu di situ mengejek-Nya. Sambil menggeleng-gelengkan kepala ⁴⁰ mereka berkata, “Engkau mahu memusnahkan Bait Suci dan membinanya semula dalam tiga hari; selamatkanlah diri-Mu! Kalau Engkau Anak Allah, turunlah dari salib itu.”

⁴¹ Begitu jugalah ketua-ketua imam, ahli Taurat dan tua-tua, turut mengejek Yesus: ⁴² “Dia telah menyelamatkan orang lain tetapi Dia tidak dapat menyelamatkan diri-Nya. Kalau benar Dia Raja Israel, turunlah dari kayu salib itu sekarang, baru kami percaya kepada-Nya. ⁴³ Dia percayakan Allah. Biar Allah menyelamatkan-Nya sekarang, kalau Allah mahu mengakui-Nya; kerana Dia berkata, ‘Aku Anak Allah.’ ” ⁴⁴ Perompak yang disalib bersama Yesus pun mencela-Nya dengan kata-kata demikian.

27:35: Mzm 22:18. **27:39:** Mzm 22:7; 109:25.

27:40: Mat 26:61; Yoh 2:19. **27:43:** Mzm 22:8.

⁴⁵ Dari jam yang keenam hingga jam kesembilan,^l seluruh negeri itu diselubungi kegelapan. ⁴⁶ Kira-kira jam kesembilan,^m Yesus berseru dengan suara yang lantang, “Eli, Eli,ⁿ lama sabakhtani?” maksudnya “Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Kautinggalkan Aku?”

⁴⁷ Beberapa orang yang berdiri di situ mendengar seruan itu berkata, “Orang ini memanggil Elia.”

⁴⁸ Serta-merta seorang daripada mereka mengambil span, memenuhinya dengan air anggur masak dan meletakkannya pada mensiang lalu menawarkannya kepada Yesus sebagai minuman. ⁴⁹ Yang lain berkata, “Jangan hiraukan Dia; mari kita lihat kalau Elia datang menyelamatkan-Nya.”

⁵⁰ Yesus berseru dengan kuat sekali lagi, lalu menyerahkan roh-Nya dengan nafas terakhir.

⁵¹ Sejurus itu tirai Bait Suci terbelah dua dari atas ke bawah, bumi digegar gempa dan batu-batu pejal terpecah; ⁵² kubur-kubur terbuka; dan banyak jenazah orang suci dibangkitkan semula;

^l**27:45** Atau: Tengah hari hingga tiga petang.

^m**27:46** Pukul tiga petang.

ⁿ**27:46b** Beberapa naskhah: Eloi, Eloi.

27:46: Mzm 22:1. **27:48:** Mzm 69:21.

27:51: Kel 26:31-33.

⁵³ mereka keluar dari kubur dan selepas Yesus dibangkitkan semula, mereka masuk ke kota suci itu dan menampakkan diri kepada sebilangan besar orang di situ.

⁵⁴ Apabila ketua tentera dan orangnya yang mengawal Yesus melihat gempa bumi serta kejadian-kejadian lain, mereka pun ketakutan lalu berkata, “Benarlah Dia Anak Allah!”

⁵⁵ Ramai wanita yang telah mengikut Yesus dari Galilea dan melayani-Nya ada di situ, melihat dari jauh. ⁵⁶ Antara mereka ialah Maria Magdalena dan Maria ibu kepada Yakobus dan Yusuf serta ibu kepada anak-anak Zebedeus.

Yesus dimakamkan

⁵⁷ Apabila malam menjelang, datang seorang hartawan dari Arimatea, bernama Yusuf, yang telah menjadi murid Yesus. ⁵⁸ Dia pergi menghadap Pilatus dan memohon jenazah Yesus. Pilatus pun memerintahkan orang menyerahkan jenazah itu kepadanya. ⁵⁹ Yusuf mengambil jenazah itu dan mengafankannya dengan kain linen yang bersih. ⁶⁰ Dia membaringkan jenazah itu di dalam sebuah makam miliknya yang baru digalinya daripada batu pejal. Kemudian dia menggulingkan sebuah batu besar menutup

pintu makam itu, lalu pergi dari situ. ⁶¹ Ketika itu Maria Magdalena ada di situ, begitu juga Maria yang seorang lagi. Mereka sedang duduk berhadapan makam itu.

⁶² Pada keesokannya, iaitu sehari selepas Hari Persediaan, ketua-ketua imam dan orang Farisi datang beramai-ramai menghadap Pilatus.

⁶³ Mereka berkata, “Tuan, kami teringat, sewaktu Dia masih hidup si penipu itu ada berkata, ‘Selepas tiga hari Aku akan bangkit.’

⁶⁴ Oleh itu, silalah tuan perintahkan supaya dipastikan makam-Nya tidak dapat dibuka hingga tamat hari ketiga. Kami takut kalau-kalau murid-murid-Nya datang pada waktu malam dan mencuri mayat-Nya dibawa pergi, lalu berkata kepada orang ramai, ‘Dia telah bangkit daripada kematian.’ Penipuan ini pasti lebih dahsyat daripada penipuan pertama.” ⁶⁵ Pilatus berkata kepada mereka, “Bawalah beberapa pengawal. Pergilah sendiri, buat apa yang kamu fikirkan perlu untuk menjaga makam itu.” ⁶⁶ Mereka pun pergi melakukannya. Mereka memperkukuh makam itu dengan memateraiannya supaya tidak dapat dibuka langsung, dan mereka menugaskan pengawal berjaga di situ.

Kebangkitan Yesus

28 ¹ Selepas hari Sabat, ketika fajar menyingsing pada hari pertama minggu itu, Maria Magdalena dan Maria yang seorang lagi pergi melihat makam Yesus. ² Tiba-tiba terjadi gempa bumi yang hebat, kerana seorang malaikat Tuhan turun dari syurga lalu menggulingkan batu yang menutup makam itu dan duduk di atasnya. ³ Wajahnya laksana kilat dan pakaiannya seputih salji. ⁴ Para pengawal menggeletar ketakutan apabila melihatnya, lalu menjadi seperti orang mati.

⁵ Tetapi malaikat itu berkata kepada perempuan-perempuan itu, “Jangan takut, aku tahu kamu mencari Yesus yang telah disalib. ⁶ Dia tidak ada di sini, kerana Dia telah bangkit semula, seperti yang dikatakan-Nya. Marilah lihat tempat Dia dibaringkan dahulu. ⁷ Kemudian, segeralah pergi dan katakan kepada murid-murid-Nya bahawa Dia telah bangkit daripada kematian, dan Dia mendahului kamu ke Galilea. Di sana kamu akan melihat-Nya. Lihatlah, aku telah memberitahumu.”

⁸ Mereka pun keluar dari makam itu dengan takut dan amat gembira, lalu berlari untuk membawa berita itu kepada para murid Yesus. ⁹ Dalam perjalanan, tiba-tiba Yesus menemui

mereka sambil berkata, “Salam sejahtera!” Lalu mereka pun mendekati Yesus dan memegang kaki-Nya serta menyembah-Nya. ¹⁰ Kemudian Yesus berkata kepada mereka, “Jangan takut. Pergilah dan suruh saudara-saudara-Ku ke Galilea. Di sana mereka akan melihat-Ku.”

Laporan pengawal

¹¹ Sementara perempuan itu sedang dalam perjalanan, beberapa orang pengawal tersebut masuk ke kota dan melaporkan kepada ketua-ketua imam apa yang telah terjadi.

¹² Setelah bermesyuarat dengan tua-tua, mereka memberikan sejumlah wang yang besar kepada askar-askar yang berkawal itu ¹³ serta berpesan, “Beritahu orang, ‘Para murid-Nya datang pada waktu malam dan mencuri mayat-Nya lalu dibawa pergi sewaktu kami sedang tidur.’ ¹⁴ Kalau hal ini sampai ke telinga gabenor,^o kami akan melembutkan hatinya dan kamu tidak akan diapa-apakan.” ¹⁵ Mereka menerima wang itu dan melakukan apa yang diarahkan. Cerita ini biasa disebar dalam kalangan orang Yahudi hingga sekarang.

^o**28:14** Atau: Pembesar negeri.

Perintah untuk memberitakan Injil

¹⁶ Kemudian, murid Yesus yang sebelas itu pergi ke Galilea, ke gunung yang telah ditetapkan oleh-Nya. ¹⁷ Di sana mereka melihat-Nya lalu menyembah-Nya. Namun demikian, ada antara mereka yang ragu. ¹⁸ Yesus datang dan berkata kepada mereka, “Segala kekuasaan telah diserahkan kepada-Ku, baik di syurga mahupun di bumi. ¹⁹ Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. ²⁰ Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman.”

MARKUS

Yohanes diutus

1 ¹ Inilah permulaan Injil tentang Yesus Kristus, Anak Allah, ² Seperti yang tersurat dalam kitab Nabi Yesaya:

“Ketahuilah, Aku akan menghantar utusan-Ku untuk mendahului-Mu; dialah yang akan menyediakan jalan bagi-Mu,

³ satu suara berseru di gurun:

‘Sediakanlah jalan untuk Tuhan, luruskanlah jalan untuk-Nya.’ ”

⁴ Demikianlah Yohanes muncul di gurun, membaptis orang dan mengkhabarkan satu baptisan pertaubatan untuk pengampunan dosa.

⁵ Ramailah orang yang datang dari Yudea dan Yerusalem untuk mendengar kata-kata Yohanes. Mereka mengakui dosa mereka lalu dibaptiskan oleh Yohanes di Sungai Yordan.

⁶ Yohanes memakai pakaian yang dibuat daripada bulu unta dan tali pinggangnya daripada kulit. Dia makan belalang dan madu gurun.

⁷ Inilah beritanya: “Seorang yang lebih besar daripadaku akan datang selepasku. Tali kasut-Nya pun tidak layak kuurai. ⁸ Aku membaptismu dengan air, tetapi Dia akan membaptismu dengan Roh Kudus.”

Yohanes membaptis Yesus

⁹ Kemudian Yesus datang dari Nazaret di Galilea, lalu dibaptiskan oleh Yohanes di Sungai Yordan. ¹⁰ Ketika Yesus keluar dari sungai itu, Dia melihat langit terbuka dan Roh Kudus seperti burung merpati turun hinggap ke atas-Nya.

¹¹ Lalu kedengaran suara dari syurga: “Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Mu Aku berkenan.”

¹² Lantas, Roh memimpin Yesus ke gurun.

¹³ Yesus di situ selama empat puluh hari dan digoda oleh Iblis serta dikelilingi binatang liar. Para malaikat datang melayani-Nya.

Murid Yesus yang pertama

¹⁴ Setelah Yohanes dipenjarakan, Yesus pergi ke Galilea lalu mengkhabarkan Injil daripada Allah.

¹⁵ Yesus berkata, “Sudah genap masanya dan

kerajaan Allah hampir tiba. Bertaubatlah dan percayalah akan Injil ini!”

¹⁶ Ketika Yesus sedang berjalan di pinggir Laut Galilea, Dia ternampak Simon dan saudaranya Andreas, sedang menebarkan jala di danau kerana mereka nelayan. ¹⁷ Yesus berkata kepada mereka, “Ikutlah Aku dan Aku akan menjadikan kamu penjala insan.” ¹⁸ Dengan serta-merta mereka meninggalkan jala mereka dan mengikut-Nya.

¹⁹ Sejurus berjalan, Yesus melihat dua orang lagi adik-beradik, bernama Yakobus dan Yohanes, anak Zebedeus. Mereka sedang duduk mengemaskan jala di dalam perahu. ²⁰ Yesus terus memanggil mereka. Kedua-dua beradik itu meninggalkan bapa mereka, Zebedeus, dengan orang gajinya di dalam perahu, lalu mengikut Yesus.

Yesus membentak roh jahat

²¹ Yesus dan murid-murid-Nya tiba di Kapernaum. Pada hari Sabat berikutnya, Yesus masuk ke saumaah^p lalu mengajar. ²² Mereka kagum dengan ajaran-Nya kerana Dia mengajar

^p**1:21,23,29,39** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

1:22: Mat 7:28,29.

dengan penuh wibawa, tidak seperti ahli Taurat mereka.

²³ Ketika itu seorang yang dirasuk roh jahat berada di saumaah. Dia berseru: ²⁴ “Apa yang hendak Kaubuat kepada kami, hai Yesus orang Nazaret? Adakah Engkau hendak membinasakan kami? Aku tahu siapa Engkau ini. Engkau Yang Suci daripada Allah!”

²⁵ Yesus membentak roh itu, “Diam! Keluar daripada dia!” ²⁶ Roh jahat itu menggongcang-goncang tubuh orang yang dirasuknya lalu keluar sambil menjerit. ²⁷ Hal ini menyebabkan semua orang tercengang lalu berbisik sesama sendiri, “Adakah ini suatu ajaran baru? Dia memerintah roh-roh jahat dengan penuh kuasa dan mereka menurut kata-Nya.”

²⁸ Dengan demikian, khabar tentang Yesus segera tersebar ke seluruh Galilea.

Yesus menyembuhkan ramai orang

²⁹ Yesus dan murid-Nya, termasuk Yakobus dan Yohanes, keluar dari saumaah itu lalu ke rumah Simon dan Andreas. ³⁰ Ibu mertua Simon sedang demam terbaring di tempat tidur. Setibanya Yesus di situ, Dia diberitahu tentang hal itu. ³¹ Yesus menghampiri ibu mertua Simon, memegang tangannya dan menolongnya bangun.

Demam wanita itu hilang lalu dia melayani mereka.

³² Apabila malam menjelang, semua orang sakit dan orang yang dirasuk roh iblis dibawa kepada Yesus. ³³ Semua penduduk kota berhimpun di hadapan pintu itu. ³⁴ Yesus menyembuhkan ramai orang daripada pelbagai penyakit. Dia juga menghalau roh-roh iblis sambil memerintahkan mereka diam kerana mereka tahu siapa Dia.

Yesus mengajar di kota-kota lain

³⁵ Keesokannya, pada waktu subuh, Yesus bangun lalu pergi ke luar kota ke suatu tempat yang sunyi untuk berdoa. ³⁶ Simon dan rakan-rakannya pergi mencari Yesus. ³⁷ Setelah menjumpai-Nya, mereka berkata: “Semua orang sedang mencari-Mu!”

³⁸ Yesus berkata, “Kita mesti ke kota-kota lain di negeri ini supaya Aku dapat menyebarkan Injil di sana. Sebab untuk itulah, maka Aku datang.”

³⁹ Lalu Yesus menjelajah ke serata Galilea dan berkhotbah di saumaah dan menghalau roh-roh iblis.

Yesus menyembuhkan seorang yang sakit kusta

⁴⁰ Seorang yang menghidap penyakit kusta datang kepada Yesus lalu berlutut meminta pertolongan-Nya. Katanya, “Jika Engkau mahu, Engkau dapat mentahirkanku.”

⁴¹ Yesus berbelas kasihan lalu menghulurkan tangan-Nya menyentuh orang itu sambil berkata, “Aku mahu. Tahirlah!” ⁴² Pada saat itu juga orang itu ditahirkan daripada penyakit kusta. ⁴³ Yesus segera menyuruhnya pergi dengan memberikan suatu peringatan keras: ⁴⁴ “Dengarlah, jangan beritahu sesiapa pun hal ini. Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada imam serta persembahkan korban seperti yang diperintahkan oleh Musa, sebagai kesaksian kepada mereka bahawa kamu sudah ditahirkan.”

⁴⁵ Tetapi orang itu menyebarkan hal itu merata-rata dan terus-menerus, sehingga Yesus tidak dapat masuk ke bandar terang-terangan. Yesus tinggal di luar kota di tempat-tempat yang lengang, namun orang dari pelbagai kawasan datang kepada-Nya.

Yesus menyembuhkan seorang lumpuh

2¹ Beberapa hari kemudian, Yesus pulang ke Kapernaum dan tersebarlah khabar itu.² Ramailah orang datang berhimpun di rumah tempat Dia tinggal itu, sehingga penuh sesak sampai ke pintu. Yesus pun menyampaikan firman kepada mereka.³ Datanglah empat orang mengusung seorang yang lumpuh.⁴ Mereka tidak dapat membawanya kepada Yesus kerana orang ramai itu. Oleh itu, mereka membuka bumbung rumah betul-betul di atas tempat Yesus berada lalu menurunkan orang lumpuh yang terbaring di atas tikar.⁵ Ketika Yesus melihat iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, “Anak-Ku, dosamu telah diampunkan.”

⁶ Ahli-ahli Taurat yang duduk di situ berkata dalam hati,⁷ “Lancangnya orang ini^q mengkufuri Allah! Tiada siapa boleh mengampunkan dosa kecuali Allah!”

⁸ Tetapi Yesus segera mengetahui dalam roh-Nya bahawa mereka berfikir demikian lalu berkata, “Mengapa kamu berfikir begitu dalam hatimu?”⁹ Manakah yang lebih mudah dikatakan kepada orang lumpuh itu: ‘Dosamu telah diampunkan,’ atau, ‘Bangun, angkat tikarmu dan

^q2:7 Atau: Dia.

berjalan’? ¹⁰ Tetapi supaya kamu tahu bahawa di bumi ini Anak Manusia berkuasa mengampunkan dosa...” Dia berkata kepada orang lumpuh itu, ¹¹ “Aku berkata kepadamu, bangun, angkat tikarmu, dan pulanglah.”

¹² Di hadapan mata mereka semua, orang lumpuh itu pun bangun, mengangkat tikarnya lalu segera berjalan ke luar. Semua orang di situ tercengang lalu memuji Allah. Mereka berkata, “Belum pernah kami lihat kejadian begini!”

Panggilan Lewi

¹³ Yesus pergi lagi ke pinggir laut. Ramai orang datang kepada-Nya lalu Dia mengajar mereka.

¹⁴ Ketika Yesus berjalan di situ, Dia terpandang seorang pemungut cukai bernama Lewi anak Alfeus sedang duduk di tempat memungut cukai. Yesus berkata kepadanya, “Ikutlah Aku,” lalu Lewi bangun mengikut-Nya.

¹⁵ Selepas itu, Yesus makan di rumah Lewi. Ramai pemungut cukai dan orang berdosa mengikut Yesus dan ramai antara mereka turut makan bersama Yesus serta murid-murid-Nya.

¹⁶ Ahli Taurat daripada golongan Farisi yang melihat perkara itu bertanya kepada para murid Yesus, “Mengapa Dia makan bersama pemungut cukai dan ‘orang berdosa’?”

¹⁷ Yesus terdengar pertanyaan itu lalu menjawab, “Orang sakitlah yang memerlukan tabib, bukannya orang sihat. Aku datang bukan untuk memanggil orang benar, tetapi orang berdosa.”

Berpuasa

¹⁸ Pada suatu masa ketika para murid Yohanes Pembaptis dan murid orang Farisi berpuasa, beberapa orang datang kepada Yesus lalu bertanya, “Murid Yohanes Pembaptis dan murid orang Farisi sedang berpuasa, mengapa murid-murid-Mu tidak?”

¹⁹ Yesus menjawab, “Patutkah tetamu dalam jamuan perkahwinan berpuasa semasa pengantin lelaki masih bersama mereka? Selagi pengantin lelaki ada bersama mereka, tidaklah mereka berpuasa. ²⁰ Tetapi akan tiba saatnya pengantin lelaki diambil daripada mereka. Pada masa itulah mereka berpuasa.

²¹ Tiada siapa akan menampal pakaian lama dengan perca kain baru, kerana tampalan baru itu akan mengecut dan semakin koyaklah pakaian lama. ²² Begitu juga, tiada siapa menuangkan air anggur yang baru ke dalam kirbat kulit yang lama. Kalau dilakukan, air anggur baru akan memecahkan kirbat, dan kedua-duanya

terbuang. Air anggur baru mesti dituangkan ke dalam kirbat yang baru.”

Yesus dan hari Sabat

²³ Pada suatu hari Sabat, Yesus dan murid-murid-Nya berjalan melalui ladang gandum. Para murid-Nya mula memetik bulir gandum.

²⁴ Kemudian orang Farisi berkata kepada Yesus, “Lihatlah, mereka melakukan sesuatu yang dilarang pada hari Sabat!”

²⁵ Yesus menjawab, “Tidakkah kamu membaca apa yang dilakukan oleh Daud semasa dia dan mereka yang berada bersamanya kekurangan dan kelaparan? ²⁶ Dia masuk ke Rumah Allah sewaktu Abiatar berjawat sebagai imam besar lalu makan roti persembahan, meskipun perbuatan itu dilarang kerana hanya imam dibenarkan makan roti itu. Daud juga memberikan roti itu kepada mereka yang ada bersamanya.”

²⁷ Yesus menambah, “Hari Sabat diwujudkan untuk manusia, bukannya manusia diwujudkan untuk hari Sabat. ²⁸ Jadi Anak Manusia jugalah Tuhan atas hari Sabat.”

3¹ Kemudian Yesus masuk semula ke saumaah.^r Di situ ada seorang yang lumpuh sebelah tangannya. ² Ada beberapa orang cuba mencari alasan untuk menuduh Yesus. Oleh itu, mereka mengawasi Yesus sama ada Dia menyembuhkan orang itu pada hari Sabat. ³ Yesus berkata kepada orang yang lumpuh sebelah tangannya itu, “Berdiri, marilah ke depan.” ⁴ Kemudian Dia menyoal orang di situ, “Manakah yang boleh kita lakukan pada hari Sabat: berbuat baik atau berbuat jahat? Menyelamatkan atau membinasakan nyawa?” Tetapi semuanya berdiam diri.

⁵ Yesus memandang orang di sekeliling-Nya dengan rasa marah dan amat dukacita dengan mereka yang begitu keras hati. Lalu Dia berkata kepada orang yang lumpuh sebelah tangannya itu, “Hulurkan tanganmu.” Orang itu pun menghulurkan tangannya yang lumpuh, lalu tangan itu terus sembuh. ⁶ Orang Farisi keluar dari situ lalu segera berpakat dengan beberapa anggota golongan Herodes untuk membunuh Yesus.

^r**3:1** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Orang ramai mengikut Yesus

⁷ Yesus beredar ke laut bersama murid-murid-Nya. Ramai orang Galilea datang kepada-Nya. Ada yang dari Yudea, ⁸ Yerusalem, Idumea, seberang Sungai Yordan, dan sekitar Tirus dan Sidon. Mereka datang berduyun-duyun kerana mendengar segala yang telah dilakukan-Nya.

⁹ Begitu ramainya orang sehingga Yesus menyuruh murid-Nya menyediakan perahu untuk-Nya supaya Dia tidak terhimpit. ¹⁰ Ramai orang telah disembuhkan-Nya. Oleh itu, orang sakit berebut-rebut hendak menyentuh-Nya. ¹¹ Apabila orang yang dirasuk roh-roh jahat melihat-Nya, mereka sujud di hadapan-Nya lalu berseru, “Engkau Anak Allah.” ¹² Yesus melarang keras mereka mengatakan siapa Dia.

Yesus memanggil dua belas rasul

¹³ Kemudian Yesus naik ke bukit. Dia memanggil semua orang yang dikehendaki-Nya lalu mereka datang kepada-Nya. ¹⁴ Yesus memilih dua belas orang⁵ antara murid-Nya itu untuk menyertai-Nya dan untuk diutus-Nya memberitakan Injil ¹⁵ serta dikurniai kuasa untuk menghalau roh-roh iblis.

⁵**3:14** Dua belas orang dikenali sebagai rasul.

3:9: Mrk 4:1; Luk 5:1-3.

¹⁶ Dua belas orang yang dipilih-Nya itu ialah: Simon (yang juga diberi-Nya nama Petrus);

¹⁷ Yakobus dan saudaranya Yohanes iaitu anak-anak Zebedeus (dua orang adik-beradik ini diberi-Nya nama Boanerges, yang bermakna Anak Petir); ¹⁸ Andreas, Filipus, Bartolomeus, Matus, Tomas, Yakobus anak Alfeus, Tadeus, Simon orang Patriot ¹⁹ dan juga Yudas Iskariot yang kelak mengkhianati-Nya.

Yesus dan Beelzebul

²⁰ Selepas itu, Yesus masuk ke sebuah rumah, tetapi begitu ramainya orang yang datang berkumpul semula sehingga Yesus dan murid-murid-Nya tidak sempat makan. ²¹ Apabila keluarga Yesus mendengar perkara ini, mereka juga datang untuk mengambil-Nya apabila mendengar orang berkata, "Dia tidak siuman."

²² Sebilangan ahli Taurat dari Yerusalem berkata, "Dia dirasuk Beelzebul! Dengan kuasa ketua roh iblis Dia menghalau roh-roh iblis."

²³ Oleh itu, Yesus memanggil semua orang itu lalu bercakap melalui beberapa ibarat: "Bagaimana Iblis dapat menghalau Iblis? ²⁴ Kalau sebuah kerajaan berpecah belah, kerajaan itu tidak dapat bertahan. ²⁵ Dan jika sebuah

keluarga^t berpecah belah, keluarga itu tidak dapat bertahan. ²⁶ Dan jika Iblis berontak melawan dirinya sendiri dan berpecah belah, dia tidak dapat bertahan; sudah sampailah saat kemusnahannya.

²⁷ Tiada siapa dapat memasuki rumah seorang yang gagah dan merampas harta bendanya, kecuali orang gagah itu dapat diikat dahulu.

²⁸ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, segala dosa dan kata kufur manusia dapat diampunkan. ²⁹ Tetapi sesiapa yang mengkufuri Roh Kudus tidak akan diampuni; dia bersalah kerana berbuat dosa kekal.” ³⁰ Yesus berkata demikian kerana ada orang berkata, “Dia dirasuk roh jahat.”

Yesus dan saudara-saudara-Nya

³¹ Apabila ibu dan saudara-saudara Yesus tiba, mereka menanti di luar dan menyuruh orang memanggil-Nya. ³² Pada waktu itu, orang ramai duduk di sekeliling Yesus berkata kepada-Nya, “Lihatlah! Ibu dan saudara-saudara-Mu ada di luar. Mereka hendak bertemu dengan-Mu.”

^t**3:25** Keluarga merujuk kepada seisi rumah termasuk sanak saudara, pembantu rumah dan semua penghuni dalam rumah keluarga itu.

³³ Yesus menjawab, “Siapakah ibu-Ku? Siapakah saudara-saudara-Ku?” ³⁴ Dia memandang semua orang yang duduk di sekeliling-Nya lalu berkata, “Lihat, inilah ibu dan saudara-saudara-Ku!” ³⁵ Sesiapa yang melakukan kehendak Allah, dialah saudara lelaki, saudara perempuan, dan ibu-Ku.”

Ibarat tentang seorang penyemai

4 ¹ Yesus mula mengajar lagi di pinggir laut. Begitu ramainya orang datang beresak-asak di sekeliling-Nya sehingga Dia terpaksa duduk di dalam sebuah perahu di laut itu manakala orang ramai berdiri di pantai. ² Yesus mengajar mereka banyak perkara melalui ibarat. Dalam ajaran-Nya itu, Dia berkata:

³ “Dengarlah! Seorang penyemai pergi menabur benih. ⁴ Semasa dia menabur benih, ada yang jatuh di jalan, lalu dimakan burung.

⁵ Ada pula yang jatuh di tempat berbatu yang kurang tanahnya. Benih itu segera bercambah kerana tanahnya tidak dalam. ⁶ Tetapi ketika matahari naik, tunas-tunas itu layu lalu kering kerana tidak berakar. ⁷ Ada pula yang jatuh di tengah-tengah semak duri, lalu semak membesar dan membantutkannya sehingga tidak berbuah.

⁸ Tetapi ada benih yang jatuh di tanah subur lalu bertunas, membesar dan berbuah, hasilnya tiga puluh, enam puluh atau seratus kali ganda.”

⁹ Lalu kata-Nya, “Sesiapa yang bertelinga, dengarlah!”

¹⁰ Ketika Yesus bersendirian, dua belas murid-Nya dan beberapa orang yang ada bersama-Nya menanya Dia erti ibarat itu. ¹¹ Yesus berkata kepada mereka, “Kamu telah diberi rahsia kerajaan Allah. Tetapi orang luar akan mendengar segala sesuatu melalui ibarat, ¹² supaya:

‘Mereka terus melihat tetapi tidak nampak,
mereka terus mendengar tetapi tidak
mengerti;

kerana sekiranya mereka mengerti,
mereka akan berpaling dan diampuni!’ ”

¹³ Kemudian Yesus bertanya kepada mereka, “Jika kamu tidak memahami ibarat itu, bagaimanakah kamu dapat mengerti ibarat yang lain? ¹⁴ Penyemai itu menabur firman. ¹⁵ Ada orang seperti benih di jalan, tempat firman itu ditabur. Sebaik-baik mereka mendengar firman, datanglah Iblis untuk mengambil firman yang sudah ditabur dalam hati mereka. ¹⁶ Ada orang lain seperti benih yang ditabur di tempat berbatu. Mereka mendengar firman itu dan terus

menerimanya dengan sukacita, ¹⁷ tetapi mereka tidak berakar, maka hanya tahan seketika. Sebaik-baik mereka menanggung kesusahan atau penganiayaan kerana firman itu, iman mereka pun segera luntur. ¹⁸ Ada yang lain seperti benih yang ditabur di tengah semak berduri. Mereka mendengar firman itu, ¹⁹ tetapi kerunsingan tentang hal-hal dunia, tarikan palsu harta benda dan aneka kemahuan lain membantutkan firman itu sehingga tidak berbuah. ²⁰ Dan yang lain seperti benih yang ditabur di tanah subur mendengar dan menerima firman itu lalu menghasilkan tiga puluh, enam puluh bahkan seratus kali ganda.”

Ibarat tentang pelita

²¹ Yesus berkata pula, “Pernahkah orang memasang pelita lalu menyorokkannya di bawah pasu atau katil? Tentu diletakkannya di atas kaki pelita. ²² Yang tersembunyi akan dinyatakan, yang dirahsiakan akan didedahkan. ²³ Jika kamu bertelinga, dengarlah.”

²⁴ Selepas itu Yesus berkata, “Perhatikan apa yang kamu dengar. Ukuran yang kamu gunakan untuk mengukur akan digunakan

4:21: Mat 5:15; Luk 11:33. **4:22:** Mat 10:26; Luk 12:2.

4:24: Mat 7:2; Luk 6:38.

terhadapmu, malah lebih berat lagi. ²⁵ Sesiapa yang ada sesuatu akan diberi lebih banyak lagi; tetapi sesiapa yang tidak mempunyai sesuatu, sedikit yang ada padanya pun akan diambil daripadanya.”

Ibarat tentang benih yang tumbuh

²⁶ Yesus berkata seterusnya, “Kerajaan Allah ibarat seorang yang menabur benih di ladangnya. ²⁷ Malam dia tidur, siang dia bekerja. Benih itu terus-menerus tumbuh dan membesar. Dia tidak faham bagaimana hal itu terjadi. ²⁸ Tanahlah yang menumbuhkan tanaman hingga berbuah – mula-mula pucuk, kemudian bulir, akhirnya buah. ²⁹ Setelah masak, buahnya disabit oleh orang itu dengan segera kerana musim menuai telah tiba.”

Ibarat tentang biji sesawi

³⁰ “Dengan apakah dapat kita bandingkan kerajaan Allah?” kata Yesus lagi. “Apakah ibarat yang dapat digunakan untuk menjelaskannya? ³¹ Kerajaan Allah itu seperti sebutir biji sesawi paling kecil di dunia yang ditabur di tanah. ³² Tetapi apabila ditabur, benih itu tumbuh dan menjadi tumbuhan yang terbesar. Dahannya

begitu rimbun sehingga burung di udara membuat sarang di bawah keteduhannya.”

³³ Dengan banyak ibarat yang semacam itu Yesus mengajar tentang firman kepada mereka, setakat yang dapat mereka faham.

³⁴ Dia tidak berucap kepada mereka tanpa menggunakan ibarat. Tetapi apabila Dia bersendirian dengan murid-murid-Nya, Dia menjelaskan segala-galanya.

Angin ribut diredakan

³⁵ Pada petang itu juga, Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Marilah kita pergi ke seberang sana.” ³⁶ Ketika itu Yesus di dalam perahu. Para murid-Nya meninggalkan orang ramai itu di pantai lalu belayar bersama-Nya. Ada beberapa perahu lain yang belayar bersama-sama. ³⁷ Lalu angin ribut bertiup kencang dan ombak melanda perahu sehingga hampir dipenuhi air. ³⁸ Ketika itu Yesus sedang tidur di buritan perahu, kepala-Nya beralaskan bantal. Para murid-Nya membangunkan Dia lalu berkata, “Guru, tidakkah Engkau peduli? Kita hampir karam!”

³⁹ Yesus bangun lalu menegur angin dan berkata kepada ombak, “Diam! Tenanglah!” Angin pun reda dan laut menjadi tenang. ⁴⁰ Kemudian Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Mengapa

kamu begitu takut? Mengapa kamu masih tidak percaya?”

⁴¹ Mereka berasa gerun lalu berkata sesama sendiri, “Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya!”

Yesus menyembuhkan seorang yang dirasuk roh iblis

5 ¹ Lalu sampailah mereka di seberang laut, di daerah Gerasa. ² Sebaik-baik Yesus turun dari perahu, seorang lelaki yang kerasukan roh jahat keluar dari perkuburan lalu menemui-Nya. ³ Orang itu tinggal di gua kubur. Tiada siapa terdaya mengikatnya lagi, meskipun dengan rantai. ⁴ Berkali-kali dia dirantai dan dibelenggu, tetapi dapat diputuskannya rantai itu dan dipatahkannya belenggu itu. Tiada seorang pun dapat menguasainya. ⁵ Siang malam dia merayau di perkuburan dan di bukit, sambil menjerit-jerit dan mencederakan badannya dengan batu.

⁶ Dari jauh dia melihat Yesus lalu lari mendekati-Nya dan sujud di hadapan-Nya. ⁷ Orang itu berseru dengan suara keras, “Ya Yesus, Anak Allah Yang Maha Tinggi, apa urusan-Mu dengan aku? Demi Allah, jangan seksa aku!” ⁸ Kerana sebelumnya Yesus berkata kepadanya, “Roh jahat, keluarlah kamu daripada orang ini!”

⁹ Kemudian Yesus bertanya kepadanya, “Siapakah namamu?”

Orang itu menjawab, “Legion, kerana kami ini ramai sekali.” ¹⁰ Dia memohon sungguh-sungguh kepada Yesus supaya tidak menghalau mereka keluar dari kawasan itu.

¹¹ Berdekatan tempat itu ada kawanan babi yang sedang mencari makan di lereng bukit.

¹² Roh-roh iblis itu memohon kepada Yesus, “Suruhlah kami pindah kepada babi itu, biarlah kami masuk ke dalam tubuh babi itu.” ¹³ Yesus bersetuju, lalu roh-roh jahat itu keluar dan masuk ke dalam tubuh kawanan babi itu. Kesemua babi itu, kira-kira dua ribu ekor, terjun dari tepi cenuram ke dalam laut lalu mati lemas.

¹⁴ Penjaga-penjaga babi itu lari lalu menyebarkan berita itu di bandar dan di desa. Para penduduk pun keluar hendak melihat apa yang telah terjadi. ¹⁵ Mereka menghampiri Yesus lalu melihat orang yang tadinya dirasuk legion daripada roh iblis itu, kini duduk diam, sudah berpakaian dan ternyata siuman. Mereka semua pun ketakutan. ¹⁶ Semua yang telah menyaksikan kejadian itu menceritakan segala-galanya tentang orang yang kerasukan roh iblis dan kawanan babi itu. ¹⁷ Oleh itu, mereka meminta Yesus meninggalkan daerah itu.

¹⁸ Ketika Yesus menaiki perahu, orang yang tadinya dirasuk roh iblis itu memohon kepada-Nya, supaya dia dibenarkan menyertai-Nya.

¹⁹ Tetapi Yesus tidak membenarkannya, sebaliknya berkata, “Pulanglah kepada keluargamu, kepada orang sekampungmu. Beritahu mereka betapa besarnya pertolongan Tuhan bagimu dan bagaimana Dia telah berbelas kasihan kepada kamu.”

²⁰ Orang itu pun mula menjelajahi daerah sepuluh kota dan menceritakan segala yang telah dilakukan oleh Yesus untuknya. Mereka semua kehairanan.

Yesus melakukan mukjizat dan penyembuhan

²¹ Setelah itu, Yesus kembali menyeberang laut dengan perahu. Setiba-Nya di pantai sebelah sana, Dia dikerumuni orang yang ramai sekali.

²² Datanglah seorang bernama Yairus, ketua saumaah^u di situ. Ketika dia melihat Yesus, dia sujud di hadapan-Nya ²³ dan merayu, “Anak perempuanku sakit tenat, hampir mati. Tolonglah datang, letakkan tangan-Mu padanya, supaya dia sembuh dan dapat terus hidup.”

^u**5:22** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

²⁴ Yesus pun pergi bersama Yairus. Begitu ramainya orang yang mengikut Yesus sehingga Dia diasak dari semua pihak.

²⁵ Di situ ada seorang wanita yang menghidap penyakit pendarahan selama dua belas tahun.

²⁶ Dia telah menghabiskan segala hartanya untuk dirawat oleh ramai tabib tetapi tidak sembuh, tetapi semakin parah keadaannya. ²⁷ Wanita itu telah banyak mendengar tentang Yesus. Oleh itu, dia masuk ke tengah-tengah orang ramai itu dan mendekati Yesus dari belakang lalu menyentuh jubah-Nya. ²⁸ “Kiranya dapat kusentuh jubah-Nya,” kata wanita itu, “tentu aku akan sembuh.”

²⁹ Dengan serta-merta pendarahannya berhenti. Dia merasakan badannya sudah sembuh. ³⁰ Pada saat itu Yesus sedar ada kuasa yang telah keluar daripada-Nya lalu Dia bertanya, “Siapa yang menyentuh jubah-Ku?”

³¹ Para murid-Nya berkata, “Lihatlah orang berasak-asak di sekeliling Engkau. Bagaimana Engkau boleh bertanya siapa yang menyentuh-Mu?”

³² Tetapi Yesus memandang sekeliling-Nya, mencari orang yang telah menyentuh-Nya itu. ³³ Wanita itu mengetahui apa yang telah terjadi kepada dirinya. Dia gementar ketakutan, lalu tampil dan sujud kepada Yesus serta

menceritakan segala-galanya. ³⁴ Yesus berkata kepadanya, “Hai anak-Ku, imanmu telah menyembuhkanmu. Pergilah dengan sejahtera dan sembuhlah daripada penyakitmu.”

³⁵ Sedang Yesus berkata-kata itu, beberapa orang pesuruh datang daripada keluarga ketua saumaah dan memberitahu Yairus, “Anak perempuan tuan sudah meninggal. Usahlah tuan susahkan Guru lagi.”

³⁶ Yesus tidak menghiraukan kata-kata itu. Dia berkata kepada ketua^v saumaah, “Jangan takut, percaya sahaja.” ³⁷ Lalu Yesus tidak membenarkan sesiapa pun mengikut-Nya kecuali Petrus, Yakobus dan Yohanes, saudara Yakobus. ³⁸ Apabila tiba di rumah ketua saumaah, Yesus melihat keadaan yang kelam-kabut dan mendengar ratap tangis yang kuat. ³⁹ Yesus masuk lalu berkata kepada mereka, “Mengapa kelam-kabut dan menangis? Anak itu tidak mati, cuma tidur.”

⁴⁰ Tetapi mereka mentertawakan Yesus. Setelah menyuruh mereka semua keluar, Yesus mengajak ibu bapa anak itu dan murid-murid-Nya masuk ke bilik tempat anak itu terbaring. ⁴¹ Yesus memegang tangan anak itu lalu berkata kepadanya, “Talitha kum!” (maksudnya,

^v5:36 Atau: Yairus.

“Anak perempuan, Aku berkata kepadamu, bangunlah!”).

⁴² Anak perempuan yang berusia dua belas tahun itu segera bangkit lalu berjalan. Mereka semua sungguh kagum. ⁴³ Tetapi dengan tegas Yesus melarang mereka memberitahu sesiapa tentang perkara itu, lalu menyuruh mereka memberi anak itu makan.

Yesus mengajar di Nazaret

6 ¹ Yesus beredar dari situ lalu pulang bersama murid-murid-Nya ke kampung halaman-Nya. ² Pada hari Sabat Dia mulai mengajar di saumaah.^w Ramai di situ hairan mendengar ajaran Yesus. “Dari manakah Dia memperoleh semua ini?” tanya mereka. “Apakah kebijaksanaan yang ada pada-Nya? Bagaimanakah Dia dapat melakukan mukjizat?” ³ Bukankah Dia ini tukang kayu, anak kepada Maria, saudara kepada Yakobus, Yoses, Yudas dan Simon? Bukankah saudara-saudara perempuan-Nya tinggal di sini?” Oleh itu, mereka enggan menerima-Nya.

^w**6:2** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

⁴ Yesus berkata kepada mereka, “Seorang nabi dihormati di mana-mana kecuali di kampung halamannya, antara sanak saudaranya dan dalam keluarganya^x sendiri.”

⁵ Dia tidak dapat melakukan satu mukjizat pun di situ. Dia hanya menyembuhkan beberapa orang sakit dengan meletakkan tangan-Nya pada mereka. ⁶ Dia sungguh hairan bahawa mereka tidak percaya.

Yesus mengutus dua belas murid-Nya

Selepas itu, Yesus pergi ke kampung-kampung di sekitar itu dan mengajar. ⁷ Dia memanggil murid-Nya yang dua belas itu, lalu mengutus mereka berdua-dua, serta memberi mereka kuasa atas roh-roh jahat. ⁸ Perintah-Nya kepada mereka demikian: “Jangan bawa apa-apa dalam perjalanan, kecuali sebatang tongkat – roti pun jangan, beg pun jangan, wang dalam tali pinggang pun jangan. ⁹ Pakailah capal, tetapi jangan pakai dua helai baju.” ¹⁰ Yesus berkata lagi, “Apabila kamu disambut di sesebuah rumah, menetaplah di situ hingga kamu beredar dari bandar itu. ¹¹ Sebaliknya, jika penduduk sesuatu bandar enggan menyambutmu atau mendengar

^x6:4 Atau: Dalam rumahnya.

kata-katamu, pergilah dari situ dan kebaskanlah debu daripada tapak kakimu sebagai kesaksian terhadap mereka.”

¹² Murid Yesus yang dua belas itu pun pergi menyampaikan berita bahawa manusia harus bertaubat. ¹³ Mereka menghalau banyak roh iblis, dan menyapukan minyak pada ramai orang sakit serta menyembuhkan mereka.

Yohanes dibunuh

¹⁴ Raja Herodes mendengar tentang kejadian itu, kerana nama Yesus sudah terkenal di mana-mana. Ada orang berkata, “Yohanes Pembaptis telah dibangkitkan daripada kematian! Itulah sebab Dia mempunyai kuasa melakukan mukjizat.”

¹⁵ Yang lain berkata, “Dia ini Elia.”

Ada pula yang berkata, “Dia ini nabi, seperti nabi zaman dahulu.”

¹⁶ Ketika mendengar hal demikian, Herodes berkata, “Dia itu Yohanes yang kepalanya telah kupancung, tetapi dia hidup semula!”

¹⁷ Sebabnya memang Herodes telah memberikan perintah supaya Yohanes ditangkap, diikat dan dipenjarakan. Herodes berbuat

6:13: Yak 5:14. **6:14:** Mat 16:14; Mrk 8:28; Luk 9:19.

6:17: Luk 3:19,20.

demikian kerana Herodias, isteri kepada saudaranya Filipus, yang telah dikahwininya.

¹⁸ Yohanes pernah menegur perbuatan Herodes itu, “Mengambil isteri saudaramu sebagai isterimu adalah haram.”

¹⁹ Akibatnya Herodias menaruh dendam terhadap Yohanes dan hendak membunuhnya, tetapi hasratnya terhalang, ²⁰ kerana Herodes takut akan Yohanes. Herodes tahu Yohanes seorang yang benar dan suci, oleh itu dia melindungi Yohanes. Herodes juga suka mendengar kata-kata Yohanes, meskipun kata-kata itu membuatnya sangat gelisah.

²¹ Akhirnya Herodias mendapat peluang apabila Raja Herodes mengadakan jamuan hari jadinya untuk semua pegawai tinggi kerajaan, panglima dan tokoh masyarakat Galilea. ²² Anak gadis Herodias menari dan menghiburkan Herodes serta tetamunya. Oleh itu, raja berkata kepada gadis itu, “Mintalah daripadaku apa sahaja yang kamu ingini dan akan kuberikan kepadamu.”

²³ Dia menyambung dengan sumpah, “Apa sahaja yang kamu minta akan kuberikan kepadamu, walau separuh kerajaanku sekalipun.”

²⁴ Gadis itu pergi bertanya kepada ibunya, “Apakah yang patut kuminta?”

Jawabnya, “Kepala Yohanes Pembaptis.”

²⁵ Gadis itu segera kembali kepada raja dan berkata, “Aku mahu kamu berikan kepadaku kepala Yohanes Pembaptis di atas talam sekarang juga.”

²⁶ Lalu raja amat berdukacita, tetapi apakan daya, dia telah bersumpah di hadapan semua tetamunya. Oleh itu, dia tidak mahu menolak permintaannya. ²⁷ Dia pun memberikan perintah kepada askar supaya membawa kepala Yohanes. Askar itu pergi ke penjara lalu memancung kepala Yohanes. ²⁸ Dia membawa kepala itu di atas talam dan menyerahkannya kepada gadis itu. Lalu gadis itu menyerahkan kepala Yohanes kepada ibunya. ²⁹ Apabila murid-murid Yohanes mendengar perkara itu, mereka datang dan mengambil jenazah Yohanes lalu mengebumikannya di dalam kubur.

Yesus memberi makan kepada lima ribu orang

³⁰ Kemudian rasul-rasul kembali berkumpul dengan Yesus dan melaporkan segala yang telah dilakukan serta diajarkan mereka. ³¹ Orang yang datang dan pergi di situ begitu ramainya sehingga Yesus dan murid-murid-Nya tidak sempat makan. Oleh itu, Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Marilah ke tempat yang sunyi supaya kita dapat bersendirian, dan berehat sebentar.” ³² Mereka

pun bertolak dengan perahu ke tempat yang sunyi.

³³ Tetapi pada waktu mereka bertolak ramai orang melihat dan mengenal mereka. Orang dari semua kota berlari ikut jalan darat supaya sampai di tempat yang dituju itu sebelum

Yesus dan murid-murid-Nya. ³⁴ Apabila Yesus turun dari perahu dan melihat orang ramai di situ, hati-Nya berbelas kasih terhadap mereka kerana mereka ibarat domba tanpa gembala.

Dia pun mula mengajar banyak perkara kepada mereka. ³⁵ Ketika hari sudah petang, para murid Yesus datang kepada-Nya dan berkata, “Hari sudah hampir malam dan kawasan ini terpencil.

³⁶ Suruhlah semua orang ini pergi supaya mereka ke pekan atau ke kampung yang berdekatan untuk membeli makanan.”

³⁷ Tetapi Yesus menjawab, “Kamu berilah mereka makan.”

Para murid-Nya bertanya, “Haruskah kami pergi membeli roti berharga dua ratus keping wang dinar untuk memberi mereka makan?”

³⁸ Yesus bertanya, “Pergilah lihat berapa banyak roti yang ada pada kamu.”

Setelah mereka memeriksanya, mereka berkata, “Lima buku roti dan dua ekor ikan.”

³⁹ Yesus mengarahkan mereka supaya menyuruh semua orang di situ duduk berkelompok-kelompok di atas rumput.

⁴⁰ Mereka pun duduk dalam kelompok; ada yang seratus orang sekelompok dan ada yang lima puluh orang. ⁴¹ Setelah Yesus mengambil lima buku roti dan dua ekor ikan itu, Dia menengadiah ke langit dan mengucap syukur. Kemudian Dia memecah-mecahkan roti itu dan menghulurkannya kepada murid-murid-Nya untuk diberikan kepada orang ramai itu. Dia juga membahagikan dua ekor ikan itu kepada mereka semua. ⁴² Mereka semuanya makan sehingga kenyang. ⁴³ Para murid-Nya mengumpulkan lebihan makanan dan ikan sebanyak dua belas bakul. ⁴⁴ Jumlah orang lelaki yang makan itu kira-kira lima ribu orang.

Yesus berjalan di atas air

⁴⁵ Yesus segera mengarahkan murid-murid-Nya pergi dahulu dengan perahu ke Betsaida di seberang laut sementara Dia menyuruh orang ramai itu pulang. ⁴⁶ Setelah mereka pergi, Yesus naik ke bukit untuk berdoa. ⁴⁷ Apabila hari sudah malam, perahu para murid Yesus sudah sampai ke tengah laut sedangkan Yesus seorang diri di darat. ⁴⁸ Yesus melihat murid-murid-Nya bersusah payah mendayung perahu kerana angin

bertiup dari arah bertentangan. Kira-kira antara dinihari dan subuh,^y Yesus berjalan di atas air menghampiri mereka. Dia hendak mendahului mereka. ⁴⁹ Tetapi ketika mereka terpandang Dia berjalan di atas air, mereka menyangka-Nya hantu lalu mereka berteriak-teriak. ⁵⁰ Mereka ketakutan melihat Yesus.

Tetapi Dia segera berkata kepada mereka, “Tabahkanlah hatimu! Aku Yesus. Jangan takut.”

⁵¹ Dia naik ke perahu mereka, lalu angin pun teduh. Para murid-Nya hairan tercengang.

⁵² Mereka masih belum mengerti apa sebenarnya yang berlaku dengan roti itu, kerana hati mereka masih keras.

⁵³ Mereka menyeberang hingga tiba di Genesaret. Di situ mereka menambat perahu itu. ⁵⁴ Sebaik-baik mereka turun dari perahu, orang mengenal Yesus ⁵⁵ lalu berlari ke serata kawasan dan membawa orang sakit yang terbaring di atas tikar kepada-Nya di mana-mana sahaja Dia berada. ⁵⁶ Di setiap tempat yang dikunjungi-Nya – baik di kota, di pekan mahupun di kampung – penduduk di situ membawa orang yang sakit ke pasar. Mereka memohon agar sekurang-kurangnya Yesus membenarkan

Y6:48 Antara pukul tiga dan enam pagi.

mereka menyentuh hujung jubah-Nya. Semua yang menyentuhnya terus sembuh.

Adat istiadat nenek moyang

7 ¹ Orang Farisi dan beberapa ahli Taurat yang datang dari Yerusalem berkumpul di keliling Yesus. ² Mereka melihat beberapa murid Yesus makan dengan tangan najis, iaitu tangan yang tidak dibasuh.

³ (Orang Farisi malah semua orang Yahudi taat mengikut adat istiadat nenek moyang mereka. Mereka tidak akan makan sebelum membasuh tangan menurut cara-cara yang ditentukan.

⁴ Apabila pulang dari pasar, mereka juga tidak akan makan sebelum membersihkan diri. Banyak lagi peraturan yang diamalkan oleh mereka, seperti hal membasuh cawan, kendi, dan bekas tembaga.)

⁵ Oleh itu, orang Farisi dan ahli Taurat di situ bertanya kepada Yesus, “Mengapakah murid-Mu tidak menurut adat istiadat nenek moyang kita? Mengapakah mereka makan dengan tangan yang najis?”

⁶ Yesus menjawab, “Tepat sekali kata-kata Yesaya dalam nubuatnya tentangmu, hai orang munafik; seperti yang tersurat:

‘Bangsa ini menghormati-Ku dengan kata-kata, tetapi hati mereka jauh daripada-Ku.

⁷ Sia-sialah mereka beribadat kepada-Ku; sedangkan ajaran yang diajarkan mereka ialah peraturan manusia.’

⁸ “Kamu mengetepikan perintah Allah untuk menurut adat istiadat manusia.”

⁹ Yesus berkata lagi: “Kamu sungguh pandai menyingkirkan perintah Allah untuk menegakkan adat istiadatmu sendiri! ¹⁰ Musa menyampaikan perintah ini, ‘Hormatilah ibu bapamu’ dan ‘Orang yang mencaci ibu bapa sendiri mesti dihukum mati.’ ¹¹ Tetapi kamu mengajar: Jika seseorang berkata kepada ibu bapanya, ‘Apa yang harus kugunakan untuk membantu ayah dan ibu, sudah kujadikan korban’ (iaitu telah dipersembahkan kepada Allah), ¹² maka orang itu tidak perlu menolong ibu bapa. ¹³ Jadi, adat istiadat yang kamu sampaikan membatalkan firman Allah. Banyak lagi perkara sedemikian yang kamu lakukan.”

¹⁴ Yesus memanggil orang ramai itu lagi lalu berkata kepada mereka, “Kamu semua, dengarlah kepada-Ku dan fahamlah. ¹⁵ Apa yang masuk dari luar ke dalam seseorang tidak dapat menjiskannya. Apa yang keluar daripada

seseorang itulah yang menjajiskannya. ¹⁶ Jika kamu bertelinga, dengarlah!”

¹⁷ Setelah Yesus meninggalkan orang ramai itu dan masuk ke rumah, murid-murid-Nya bertanya kepada-Nya tentang maksud ibarat itu. ¹⁸ Yesus berkata kepada mereka, “Kamu ini sama dengan mereka. Tidakkah kamu faham bahawa apa yang masuk dari luar ke dalam seseorang tidak dapat menjajiskannya? ¹⁹ Kerana sesuatu itu tidak masuk ke hatinya tetapi ke dalam perutnya, kemudian keluar semula.” (Dengan demikian Dia menyatakan semua makanan halal.)

²⁰ Kata-Nya lagi: “Apa yang keluar daripada seseorang itu menjajiskannya ²¹ kerana dari dalam, dari hati manusialah timbul fikiran jahat yang mendorong seseorang berfikiran durjana, berbuat cabul, mencuri, membunuh, ²² berzina, tamak, berdendam, menipu, mengeluarkan kata-kata lucah, bermata jahat, dengki, mengkufuri Allah, berlagak sombong, dan bersikap bodoh. ²³ Semua perkara jahat ini timbul dari dalam hati dan itulah yang menjajiskan seseorang.”

Iman seorang perempuan Siro-Fenisia

²⁴ Kemudian Yesus pergi dari situ ke kawasan berdekatan kota Tirus, lalu masuk ke sebuah rumah. Dia tidak mahu orang tahu Dia ada di situ tetapi Dia tidak dapat menyembunyikan diri.

²⁵ Ibu kepada seorang anak perempuan yang dirasuk roh jahat telah mendengar tentang Yesus lalu segera datang kepada-Nya dan sujud di hadapan-Nya. ²⁶ Wanita itu seorang Yunani, dia berasal dari daerah Fenisia di Siria. Dia memohon Yesus menghalau roh iblis yang merasuk anaknya. ²⁷ Yesus menjawab, “Anak-anak harus diberi makan dahulu. Tidak patut mengambil roti anak-anak dan mencampakkannya kepada anjing.”

²⁸ “Benar, Tuan,” jawab wanita itu, “tetapi anjing di bawah meja pun makan sisa yang dijatuhkan oleh anak-anak.”

²⁹ Maka Yesus berkata kepadanya, “Kerana jawapanmu itu, pulanglah. Roh iblis sudah keluar daripada tubuh anakmu.”

³⁰ Apabila ibu itu pulang ke rumah, dia mendapati anaknya sedang berbaring di katil dan tidak lagi dirasuk roh iblis.

Yesus menyembuhkan seorang bisu tuli

³¹ Selepas itu Yesus meninggalkan daerah Tirus, meneruskan perjalanan ke Laut Galilea melalui Sidon, ke tengah-tengah daerah Sepuluh Kota.

³² Di sana seorang bisu tuli dibawa kepada-Nya dengan permohonan agar Yesus meletakkan tangan padanya. ³³ Yesus membawanya ke samping, jauh daripada orang ramai itu, lalu

memasukkan jari-Nya ke dalam kedua-dua belah telinga orang itu. Kemudian Dia meludah dan menyentuh lidah orang itu. ³⁴ Selepas itu, Dia menengadah ke langit lalu menarik nafas panjang dan berkata kepada orang itu, “Efata!” (ertinya “Terbukalah!”).

³⁵ Serta-merta telinga orang itu terbuka dan lidahnya pulih, lalu dia bertutur dengan baik. ³⁶ Yesus melarang semua yang hadir menceritakan hal itu kepada sesiapa pun. Tetapi semakin Yesus melarang, semakin mereka menceritakannya. ³⁷ Mereka sungguh hairan dan berkata, “Dia melakukan segala-galanya dengan baik sekali. Dia membolehkan orang tuli mendengar dan orang bisu berkata-kata.”

Yesus memberi makan kepada empat ribu orang

8 ¹ Pada suatu hari, ketika orang tersangat ramai berhimpun dan kehabisan makanan, Yesus memanggil murid-murid-Nya lalu berkata, ² “Aku berbelas kasihan kepada orang ramai ini, sudah tiga hari mereka bersama-Ku, dan sekarang mereka kehabisan makanan. ³ Kalau Kusuruh mereka pulang dengan perut kosong, mereka akan pengsan di tengah jalan kerana ada yang datang dari jauh.”

⁴ Para murid Yesus menjawab, “Di tempat terpencil ini, di mana hendak dicari roti yang cukup untuk semua orang ini?”

⁵ Yesus bertanya kepada mereka, “Berapa banyakkah roti yang ada padamu?”

“Tujuh buku,” jawab mereka.

⁶ Yesus menyuruh orang ramai itu duduk di atas tanah. Dia mengambil tujuh buku roti itu dan mengucap syukur. Setelah itu, Dia memecah-mecahkannya dan menghulurkannya kepada murid-murid-Nya untuk dihidangkan. Mereka pun memberikannya kepada orang ramai. ⁷ Mereka juga ada beberapa ekor ikan kecil. Setelah mengucap syukur atasnya, Yesus menyuruh supaya ikan itu dibahagi-bahagikan juga. ⁸ Mereka pun makan sehingga kenyang. Sisa lebihan makanan yang dikumpulkan sebanyak tujuh bakul penuh. ⁹ Bilangan mereka itu kira-kira empat ribu orang. Yesus pun menyuruh mereka pulang. ¹⁰ Selepas itu, Yesus terus menaiki perahu bersama murid-murid-Nya pergi ke daerah Dalmanuta.

¹¹ Beberapa orang Farisi datang kepada Yesus dan mula bersoal jawab dengan-Nya. Untuk menduga-Nya, mereka meminta-Nya menunjukkan suatu tanda dari syurga. ¹² Yesus

mengeluh lalu menjawab, “Mengapakah orang zaman ini mencari suatu tanda ajaib? Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, satu tanda pun tidak akan ditunjukkan kepada orang zaman ini.”

¹³ Yesus meninggalkan mereka dan kembali ke perahu lalu ke seberang.

Ragi orang Farisi dan ragi Herodes

¹⁴ Para murid Yesus terlupa membawa roti yang mencukupi. Di dalam perahu itu cuma ada sebuku roti. ¹⁵ Yesus mengingatkan mereka, “Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi dan ragi Herodes.”

¹⁶ Kemudian mereka membincangkannya satu sama lain dan berkata, “Dia berkata begitu kerana kita tidak membawa roti.”

¹⁷ Yesus mengetahui apa yang dibincangkan mereka lalu Dia bertanya, “Mengapa kamu memperbincangkan hal tidak membawa roti? Tidakkah kamu tahu dan faham lagi? Begitu tumpulkah hatimu? ¹⁸ Kamu ada mata, tidakkah kamu melihat? Kamu ada telinga, tidakkah kamu mendengar? Tidakkah kamu ingat ¹⁹ bagaimana Aku memecah-mecahkan lima buku roti untuk

lima ribu orang? Berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan?”

“Dua belas,” jawab mereka.

²⁰ “Dan apabila Aku memecah-mecahkan tujuh buku roti untuk empat ribu orang, berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan?”

“Tujuh,” jawab mereka.

²¹ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Kamu masih belum faham lagi?”

Yesus menyembuhkan seorang buta

²² Yesus dan murid-murid-Nya tiba di Betsaida. Beberapa orang membawa seorang buta kepada Yesus dan memohon agar Dia menyentuhnya.

²³ Yesus memegang tangan orang buta itu lalu memimpinnya ke luar dari pekan itu. Yesus meludahi mata orang buta itu. Kemudian Dia meletakkan tangan-Nya pada orang itu lalu bertanya, “Adakah kamu melihat apa-apa?”

²⁴ Orang itu memandang ke hadapan lalu berkata, “Aku nampak orang, rupa mereka seperti pokok berjalan.”

²⁵ Sekali lagi Yesus meletakkan tangan-Nya pada mata orang itu. Setelah orang itu berusaha untuk melihat, kali ini penglihatannya cukup terang dan matanya telah sembuh. ²⁶ Yesus pun menyuruhnya pulang sambil berkata, “Jangan masuk lagi ke pekan itu.”

Pengakuan Petrus

²⁷ Setelah itu, Yesus dan murid-murid-Nya pergi ke pekan-pekan di sekitar Kaisarea Filipi. Di tengah jalan Yesus bertanya kepada mereka, “Menurut orang, Aku ini siapa?”

²⁸ Mereka menjawab, “Ada yang berkata, Yohanes Pembaptis; yang lain berkata, Elia; ada pula yang berkata, seorang daripada nabi.”

²⁹ “Tetapi menurut kamu, Aku ini siapa?” tanya Yesus. Petrus menjawab, “Engkau ialah Kristus.”

³⁰ Dengan tegasnya Yesus melarang mereka memberitahu sesiapa pun tentang diri-Nya.

Yesus memberitahu tentang kematian-Nya

³¹ Kemudian Yesus mula mengajar mereka bahawa Anak Manusia harus banyak menanggung kesengsaraan serta ditolak oleh para pemimpin masyarakat, ketua imam dan ahli Taurat. Dia akan dibunuh, tetapi tiga hari kemudian, Dia akan bangkit semula. ³² Yesus mengatakan perkara ini dengan terus terang. Oleh itu, Petrus menarik Yesus ke tepi lalu menegur Dia. ³³ Yesus berpaling memandangi murid-murid-Nya lalu menegur Petrus, “Pergilah

dari sini, Iblis! Kamu tidak berfikir secara Allah, tetapi secara manusia.”

³⁴ Setelah itu, Yesus memanggil murid-murid-Nya dan orang ramai di situ lalu berkata kepada mereka, “Jika seseorang hendak mengikut-Ku, dia harus menyangkal dirinya,² memikul salib dan mengikut-Ku. ³⁵ Sesiapa yang mempertahankan hidupnya, akan kehilangan hidupnya. Tetapi sesiapa yang mengorbankan hidup untuk-Ku dan untuk Injil, akan menyelamatkan hidupnya itu. ³⁶ Apa gunanya jika seseorang memiliki seluruh dunia tetapi kehilangan hidupnya? ³⁷ Dapatkah hidup itu ditukar dengan apa pun? ³⁸ Jika seseorang malu mengakui Aku dan perkataan-Ku dalam kalangan angkatan yang cabul dan berdosa ini, Anak Manusia juga akan malu mengakuinya ketika Dia datang dalam kemuliaan Bapa-Nya diiringi para malaikat suci.”

9¹ Yesus berkata lagi, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, ada beberapa orang di sini yang tidak akan menemui maut sebelum melihat kerajaan Allah datang dengan kuasa.”

²**8:34** ‘Menyangkal dirinya’ juga diterjemahkan sebagai, ‘melupakan kepentingan dirinya.’

8:34: Mat 10:38; Luk 14:27.

8:35: Mat 10:39; Luk 17:33; Yoh 12:25.

Penjelmaan

² Enam hari kemudian, Yesus membawa Petrus, Yakobus, dan Yohanes, pergi bersunyi di atas sebuah gunung yang tinggi. Di situ Yesus berubah rupa di hadapan mata mereka. ³ Pakaian-Nya menjadi putih berkilau-kilauan laksana salji, tiada siapa di bumi ini dapat memutihkan kain sehingga seputih itu. ⁴ Elia dan Musa muncul pula di hadapan mereka lalu bercakap dengan Yesus. ⁵ Lalu Petrus berkata kepada Yesus, “Rabbi, baik sekali kami ada di sini. Biarlah kami didirikan tiga buah khemah – satu untuk Engkau, satu untuk Musa, dan satu lagi untuk Elia.” ⁶ (Sebenarnya Petrus tidak tahu apa yang hendak dikatakannya, kerana mereka amat ketakutan.)

⁷ Segumpal awan meliputi mereka. Suatu suara terdengar dari dalam awan itu, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi. Dengarlah kata-kata-Nya!”

⁸ Tiba-tiba, ketika mereka memandang sekeliling, mereka tidak lagi melihat sesiapa di situ bersama mereka, selain Yesus.

⁹ Sewaktu berjalan turun dari gunung itu, Yesus memperingatkan mereka supaya tidak memberitahu sesiapa segala yang telah dilihat

mereka, sehingga Anak Manusia bangkit daripada kematian.

¹⁰ Mereka mentaati pesan itu, sambil tertanya-tanya apa maksud “bangkit daripada kematian.”

¹¹ Mereka bertanya kepada Yesus, “Mengapa ahli Taurat berkata Elia mesti datang dahulu?”

¹² Yesus menjawab, “Benar, Elia akan datang dahulu dan memulihkan segala sesuatu. Tetapi bagaimana dengan apa yang tersurat tentang Anak Manusia, bahawa Dia akan banyak menanggung penderitaan dan penghinaan?

¹³ Aku berkata kepadamu, Elia sudah pun datang dan orang berbuat sesuka hati kepadanya, seperti yang tersurat tentang dirinya.”

Yesus menyembuhkan seorang anak lelaki yang bisu

¹⁴ Apabila mereka pulang mendapatkan para murid yang lain, mereka melihat ramai orang di situ. Beberapa orang ahli Taurat sedang bersoal jawab dengan para murid Yesus. ¹⁵ Sebaik-baik orang ramai itu melihat Yesus, mereka amat kagum lalu berlari menyambut-Nya. ¹⁶ Yesus bertanya kepada murid-murid-Nya, “Tentang apa kamu bersoal jawab dengan mereka?”

¹⁷ Seorang daripada orang ramai itu menjawab, “Guru, aku membawa anakku kepada murid-murid-Mu. Anakku dirasuk oleh roh yang membuatnya bisu. ¹⁸ Apabila roh itu menyerangnya, dia menghempas-hempas tubuhnya ke tanah, mulutnya berbuih, giginya mengertak dan badannya menjadi kaku. Aku memohon murid-murid-Mu menghalau roh itu tetapi mereka tidak dapat melakukannya.”

¹⁹ Yesus berkata kepada mereka, “Hai angkatan yang tidak percaya! Berapa lama lagikah Aku mesti ada bersamamu? Berapa lama lagikah Aku mesti bersabar denganmu? Bawa anak itu ke mari.” ²⁰ Mereka pun membawa anak itu kepada Yesus.

Sebaik-baik roh itu melihat Yesus, ia pun membuat anak itu sawan, lalu jatuh berguling-guling ke tanah, mulutnya berbuih. ²¹ Yesus bertanya kepada bapa anak itu, “Sejak bila dia begini?” Bapa anak itu menjawab, “Sejak dia kecil lagi. ²² Sudah berkali-kali roh itu cuba membunuhnya dengan membuangnya ke dalam api atau air. Kasihanlah kami dan tolonglah kami, kalau Engkau dapat menolong.”

²³ Yesus berkata kepadanya, “Apa katamu? Kalau Engkau dapat? Segala sesuatu mungkin bagi orang yang percaya.”

²⁴ Bapa itu segera berseru, “Aku percaya; tolonglah aku yang kurang percaya ini!”

²⁵ Ketika Yesus melihat orang ramai datang berkerumun, Dia membentak roh jahat itu, “Hai roh bisu tuli, Aku perintahkan kamu keluar daripada anak ini dan jangan memasukinya lagi.”

²⁶ Roh itu menjerit dan membuat tubuh anak itu terkejut-kejut, lalu keluar daripada anak itu. Anak itu kelihatan seperti mayat lalu semua orang berkata, “Dia sudah mati.” ²⁷ Tetapi Yesus memegang tangannya dan menolongnya bangun. Anak itu pun berdiri.

²⁸ Selepas itu, Yesus masuk ke rumah. Ketika tiada lagi orang lain di situ, murid-murid-Nya bertanya kepada-Nya, “Mengapa kami tidak dapat menghalau roh itu?”

²⁹ Yesus menjawab, “Jenis ini tidak dapat dihalau dengan cara apa-apa pun, kecuali dengan doa.”

³⁰ Setelah itu, Yesus dan murid-murid-Nya beredar dari situ dan meneruskan perjalanan melalui Galilea. Dia tidak mahu orang tahu Dia di mana ³¹ kerana Dia sedang mengajar murid-murid-Nya. Dia berkata kepada mereka, “Anak Manusia akan diserahkan ke dalam tangan manusia dan akan dibunuh, tetapi selepas tiga hari Dia akan bangkit semula.”

³² Mereka tidak faham erti kata-kata itu tetapi takut hendak bertanya kepada Yesus.

Siapa yang terbesar?

³³ Mereka tiba di Kapernaum. Setelah tiba di rumah, Yesus bertanya kepada murid-murid-Nya, “Apa yang kamu persoalkan di jalan tadi?”

³⁴ Mereka tidak menjawab, kerana dalam perjalanan mereka telah mempersoalkan siapa yang terbesar. ³⁵ Yesus duduk lalu memanggil murid-Nya yang dua belas itu. Dia berkata kepada mereka, “Kalau sesiapa ingin menjadi yang terdahulu, dia mestilah menjadi yang terakhir dan hamba kepada semua orang.” ³⁶ Selepas itu, Dia memanggil seorang kanak-kanak dan menyuruhnya berdiri di hadapan mereka semua. Dia mendapak kanak-kanak itu sambil berkata kepada mereka, ³⁷ “Sesiapa yang menyambut seorang kanak-kanak seperti ini kerana nama-Ku, menyambut-Ku. Sesiapa yang menyambut-Ku bukanlah menyambut-Ku tetapi menyambut Dia yang mengutus-Ku.”

9:34: Luk 22:24.

9:35: Mat 20:26,27; 23:11; Mrk 10:43,44; Luk 22:26.

9:37: Mat 10:40; Luk 10:16; Yoh 13:20.

Menghalau roh iblis

³⁸ Yohanes berkata kepada Yesus, “Guru, kami melihat seorang lelaki menghalau roh-roh iblis dengan nama-Mu, lalu kami larang dia, kerana dia bukan dalam kumpulan kita.”

³⁹ Tetapi Yesus berkata, “Jangan larang dia, kerana seseorang yang melakukan mukjizat dengan nama-Ku tidak mungkin mencela-Ku sejeurus selepas itu. ⁴⁰ Orang yang tidak menentang kita, memihak kepada kita.

⁴¹ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang memberimu secawan air dalam nama-Ku, kerana kamu pengikut Kristus, pasti akan mendapat ganjarannya.”

Menyebabkan orang lain berdosa

⁴² “Tetapi sesiapa yang menyebabkan seorang daripada kanak-kanak yang percaya kepada-Ku ini berdosa, lebih baiklah baginya jika batu kisar diikatkan ke lehernya dan dia dicampakkan ke dalam laut. ⁴³ Jika tanganmu menyebabkan kamu berdosa, potonglah tangan itu! Lebih baik kamu memasuki hidup dalam keadaan kudung sebelah tangan, daripada mempunyai dua tangan tetapi

9:40: Mat 12:30; Luk 11:23. **9:41:** Mat 10:42.

9:43: Mat 5:30.

terhumban ke dalam neraka, ke dalam api yang tidak terpadam. [⁴⁴ Di sana cacingnya tidak akan mati dan apinya tidak akan padam.]^a

⁴⁵ Jika kakimu menyebabkan kamu berdosa, potonglah kaki itu. Lebih baik kamu memasuki hidup dalam keadaan kudung, daripada memiliki dua kaki tetapi terhumban ke dalam neraka.

[⁴⁶ Di sana cacingnya tidak akan mati dan apinya tidak akan padam.] ⁴⁷ “Jika matamu menyebabkan kamu berdosa, cunckillah mata itu. Lebih baik kamu memasuki kerajaan Allah dengan sebelah mata sahaja, daripada memiliki dua mata tetapi terhumban ke dalam neraka.

⁴⁸ Di sana ‘cacingnya tidak akan mati, dan apinya tidak akan padam.’ ”

⁴⁹ Setiap orang akan disaluti api. ⁵⁰ “Garam itu baik, tetapi jika menjadi tawar, bagaimanakah garam dapat dimasinkan semula? Adakanlah garam pengukuh dalam dirimu, dan hiduplah rukun damai sesamamu.”

Perceraian

10¹ Setelah itu, Yesus beredar dari situ lalu pergi ke daerah Yudea dan daerah di

^a9:44,46 Ayat ini hanya terdapat dalam naskhah tertentu.

9:47: Mat 5:29. 9:48: Yes 66:24.

9:50: Mat 5:13; Luk 14:34,35.

seberang Sungai Yordan. Ramai sekali orang yang datang kepada-Nya, dan seperti biasa, Dia pun mengajar mereka.

² Beberapa orang Farisi datang kepada Yesus dan menduga-Nya. Mereka bertanya, “Menurut hukum, bolehkah seseorang menceraikan isterinya?”

³ Dia menjawab, “Apa yang diperintahkan oleh Musa kepadamu?”

⁴ Mereka berkata, “Musa membenarkan seseorang lelaki menulis surat cerai dan menyuruh isterinya pergi.”

⁵ Yesus menjawab mereka, “Disebabkan hati kamu begitu tegar, Musa menuliskan peraturan itu. ⁶ Tetapi sejak alam dicipta, Allah ‘telah menjadikan lelaki dan perempuan.’ ⁷ ‘Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, ⁸ lalu mereka berdua menjadi satu.’ Maka mereka bukan lagi dua tetapi satu. ⁹ Apa yang telah disatukan oleh Allah, janganlah manusia pisahkan.”

¹⁰ Di dalam rumah, murid-murid-Nya bertanya lagi kepada-Nya tentang hal ini. ¹¹ Dia menjawab, “Sesiapa yang menceraikan isterinya dan berkahwin dengan perempuan lain, berzina.

10:4: Ul 24:1-4; Mat 5:31. **10:6:** Kej 1:27; 5:2.

10:7: Kej 2:24. **10:11:** Mat 5:32; 1Kor 7:10,11.

¹² Begitu juga, jika seseorang wanita menceraikan suaminya dan berkahwin dengan lelaki lain, dia berzina.”

Yesus memberkati kanak-kanak

¹³ Selepas itu, orang membawa kanak-kanak kecil kepada-Nya supaya Dia menyentuh mereka, tetapi murid-murid-Nya memarahi mereka. ¹⁴ Tetapi apabila Yesus melihat hal itu, Dia sungguh tidak menyenangnya, lalu berkata, “Biarkan kanak-kanak kecil itu datang kepada-Ku; jangan larang mereka, kerana orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Allah. ¹⁵ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang tidak menerima kerajaan Allah seperti seorang anak kecil, tidak akan masuk ke dalamnya.” ¹⁶ Yesus mendukung dan mendakap kanak-kanak kecil itu, meletakkan tangan-Nya ke atas mereka, dan memberkati mereka.

Orang yang kaya itu

¹⁷ Ketika Dia sedang melangkah ke jalan, seorang datang berlari-lari, berlutut kepada-Nya dan bertanya, “Wahai Guru yang baik, apakah yang harus aku buat untuk mewarisi hidup yang kekal?”

¹⁸ Yesus berkata kepadanya, “Mengapa kamu mengatakan Aku baik? Tiada siapa yang baik kecuali Allah. ¹⁹ Engkau mengetahui perintah-perintah Allah: ‘Jangan berzina, jangan membunuh, jangan mencuri, jangan memberi kesaksian palsu, jangan mungkir, hormatilah ibu bapamu.’ ”

²⁰ Orang itu menjawab, “Guru, semua ini telah kutaati dari usia muda lagi.”

²¹ Yesus memandangnya dengan penuh kasih lalu berkata, “Ada satu kekuranganmu. Pergilah, jual segala yang ada padamu dan sedekahkan kepada orang miskin, maka kamu akan mendapat harta di syurga. Sesudah itu datanglah dan ikut Aku.” ²² Tetapi orang itu sedih mendengar kata-kata ini lalu pergi dengan dukacita, kerana dia mempunyai banyak harta.

²³ Kemudian Yesus memandang sekeliling dan berkata kepada murid-murid-Nya, “Betapa susahnya bagi orang kaya memasuki kerajaan Allah!”

²⁴ Para murid-Nya kehairanan mendengar kata-kata-Nya. Tetapi Yesus berkata lagi, “Anak-anak-Ku, betapa susahnya untuk memasuki kerajaan Allah! ²⁵ Lebih mudah bagi seekor unta

memasuki lubang jarum daripada seorang kaya memasuki kerajaan Allah.”

²⁶ Para murid-Nya berasa sungguh hairan, lalu berkata sama sendiri, “Kalau begitu, siapakah yang dapat diselamatkan?”

²⁷ Sambil memandang mereka Yesus menjawab, “Bagi manusia hal itu mustahil, tetapi tidak bagi Allah; tidak ada satu pun yang mustahil bagi Allah.”

²⁸ Kemudian Petrus berkata kepada-Nya, “Kami telah meninggalkan segala-galanya untuk mengikut-Mu!”

²⁹ Yesus menjawab, “Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, setiap orang yang telah meninggalkan rumah, saudara lelaki, saudara perempuan, ibu bapa, anak-anak, atau ladang untuk-Ku dan untuk Injil ³⁰ pasti akan menerima seratus kali ganda dalam dunia ini (rumah, saudara lelaki, saudara perempuan, ibu, anak-anak dan ladang, serta penganiayaan) dan pada kemudian hari, hidup kekal. ³¹ Tetapi ramai orang yang terdahulu akan menjadi terakhir, dan yang terakhir akan menjadi yang terdahulu.”

Yesus memberitahu lagi tentang kematian-Nya

³² Ketika mereka dalam perjalanan, menuju ke Yerusalem, dan Yesus mendahului mereka, maka mereka sungguh takjub. Sambil mengikut-Nya, mereka berasa takut. Kemudian Dia membawa murid-Nya yang dua belas itu ke samping lalu memberitahu mereka apa yang akan terjadi kepada-Nya. ³³ Kata-Nya, “Dengarlah, kita sekarang pergi ke Yerusalem. Anak Manusia akan dikhianati dan diserahkan kepada ketua-ketua imam dan ahli-ahli Taurat. Mereka akan menjatuhkan hukuman mati kepada-Nya dan menyerahkan-Nya ke tangan bangsa asing. ³⁴ Mereka akan mengejek-Nya, menyebat-Nya, meludahi-Nya, dan membunuh-Nya. Pada hari ketiga Dia akan bangkit semula.”

Permintaan Yakobus dan Yohanes

³⁵ Kemudian Yakobus dan Yohanes, anak-anak Zebedeus, datang kepada-Nya lalu berkata, “Guru, kami mahu Engkau membuat apa-apa yang kami minta untuk diri kami.”

³⁶ Yesus bertanya kepada mereka, “Apa yang kamu mahu Aku buat untukmu?”

³⁷ Mereka berkata kepada-Nya, “Kurniailah kami duduk di kiri dan kanan-Mu dalam kemuliaan-Mu.”

³⁸ Tetapi Yesus berkata kepada mereka, “Kamu tidak tahu apa yang kamu minta itu. Sanggupkah kamu minum dari cawan yang Kuminum, dan dibaptiskan dengan baptisan yang Kuterima?”

³⁹ “Sanggup,” jawab mereka.

Yesus berkata kepada mereka, “Memang kamu akan minum dari cawan yang Kuminum dan dibaptiskan dengan baptisan yang Kuterima.

⁴⁰ Tetapi untuk duduk di kiri dan kanan-Ku bukanlah Aku memberikannya, tetapi tempat itu milik mereka yang telah disediakan bagi mereka.”

⁴¹ Apabila sepuluh murid Yesus yang lain mendengar perkara itu, mereka marah kepada Yakobus dan Yohanes. ⁴² Tetapi Yesus memanggil mereka kepada-Nya lalu berkata, “Kamu tahu bahawa orang yang dianggap sebagai pemerintah bangsa asing memerintah rakyat dengan kuku besi, dan orang besar melaksanakan kekuasaan ke atas mereka. ⁴³ Ini tidak harus berlaku dalam kalanganmu. Sesiapa yang ingin menjadi orang besar dalam kalanganmu mestilah melayan kamu. ⁴⁴ Sesiapa yang ingin menjadi orang yang pertama haruslah menjadi hamba kepada semua. ⁴⁵ Demikianlah Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayan tetapi untuk melayan, dan untuk

10:38: Luk 12:50. **10:42:** Luk 22:25,26.

10:43: Mat 23:11; Mrk 9:35; Luk 22:26.

menyerahkan nyawa-Nya sebagai tebusan bagi ramai orang.”

Yesus menyembuhkan Bartimeus

⁴⁶ Setelah itu, mereka tiba di Yerikho. Kemudian, ketika Dia keluar dari situ dengan murid-murid-Nya dan orang ramai itu, seorang buta bernama Bartimeus anak Timeus, sedang duduk mengemis di tepi jalan. ⁴⁷ Ketika dia mendengar bahawa yang lalu itu Yesus orang Nazaret, dia berseru, “Yesus, Anak Daud, kasihanilah aku!”

⁴⁸ Ramai orang memarahinya dan menyuruhnya diam, tetapi dia semakin kuat berseru, “Anak Daud, kasihanilah aku!”

⁴⁹ Oleh itu, Yesus berhenti dan memberikan perintah supaya dia dipanggil.

Mereka pun memanggil orang buta itu sambil berkata, “Bergembiralah! Dan bangkitlah! Dia memanggilmu.” ⁵⁰ Orang buta itu mencampakkan jubahnya ke tepi lalu bangkit dan pergi kepada Yesus.

⁵¹ Kata Yesus kepadanya, “Apa yang kamu mahu Kubuat untukmu?”

Jawab orang itu, “Rabbi, aku ingin melihat.”

⁵² Yesus menjawab, “Pergilah, imanmu telah menyembuhkanmu.” Serta-merta orang itu dapat melihat, lalu mengikut Yesus dalam perjalanan-Nya.

Yesus masuk ke Yerusalem

11 ¹ Apabila mereka sudah berhampiran Yerusalem, di Betfage dan Betania, di Bukit Zaitun, Yesus mengutus dua orang murid-Nya, ² kata-Nya, “Pergilah ke kampung yang di hadapan itu. Sebaik-baik kamu masuk, kamu akan mendapati seekor anak keldai yang belum pernah ditunggang, tertambat di situ. Lepaskannya dan bawa ke mari. ³ Jika sesiapa bertanya kepadamu, ‘Mengapa kau berbuat demikian?’ katakan, ‘Tuhan memerlukannya, dan Dia akan segera memulangkannya.’ ”

⁴ Mereka pun pergi dan mendapati anak keldai itu tertambat di pintu di tepi jalan, lalu mereka melepaskannya. ⁵ Beberapa orang yang berdiri di situ bertanya kepada mereka, “Apa yang kamu buat, melepaskan anak keldai itu?”

⁶ Mereka menjawab seperti yang diperintahkan oleh Yesus, lalu mereka dibenarkan pergi.

⁷ Mereka membawa anak keldai itu kepada Yesus dan mengalasnya dengan jubah mereka. Yesus pun duduk di atas anak keldai itu. ⁸ Ramai orang membentangkan jubah mereka di atas jalan. Yang lain memotong dahan rimbun daripada pokok-pokok di situ dan meletakkannya

sepanjang jalan. ⁹ Setelah itu, mereka yang berjalan di hadapan dan yang mengikut dari belakang berseru,

“Hosana!”

“Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan!”

¹⁰ “Diberkatilah kerajaan bapa kita Daud, yang datang dengan nama Allah!”

“Hosana di tempat yang maha tinggi!”

¹¹ Yesus masuk ke Yerusalem dan terus masuk ke dalam Bait Suci. Setelah Dia melihat semuanya, kerana hari sudah lewat petang, Dia pun pergi ke Betania dengan murid-Nya yang dua belas itu.

Yesus membersihkan Bait Suci

¹² Esoknya, setelah mereka keluar dari Betania, Yesus berasa lapar. ¹³ Dari jauh Dia melihat sebatang pokok ara yang berdaun. Dia mendekatinya untuk melihat kiranya pokok itu berbuah. Tetapi Dia mendapati daun sahaja di pokok itu, kerana pada masa itu bukan musim buah ara. ¹⁴ Oleh itu Yesus berkata kepada pokok itu, “Tiada siapa akan makan buahmu lagi selama-lamanya.” Para murid-Nya mendengar kata-kata itu.

¹⁵ Apabila sampai di Yerusalem, Yesus masuk ke Bait Suci dan mengusir orang yang berjual beli di dalam Bait Suci. Dia menterbalikkan meja pengurup wang dan tempat duduk penjual burung merpati. ¹⁶ Dia tidak membenarkan siapa pun mengangkat barangan melalui Bait Suci. ¹⁷ Kemudian Dia mengajar mereka, kata-Nya, “Tidakkah tersurat: ‘Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa bagi semua bangsa’? Tetapi kamu telah menjadikannya ‘sarang pencuri.’ ”

¹⁸ Ahli-ahli Taurat dan ketua-ketua imam mendengarnya lalu mencari jalan hendak membinasakan Yesus, kerana mereka takut kepada-Nya, memandangkan semua orang mengagumi ajaran-Nya.

¹⁹ Setelah lewat petang, Yesus keluar dari kota itu.

Yesus mengutuk pokok ara

²⁰ Pada pagi esoknya, ketika mereka lalu di situ, mereka melihat pokok ara itu telah layu kering daripada akarnya. ²¹ Petrus teringat lalu berseru, “Rabbi, lihat! Pokok ara yang Engkau sumpah itu telah mati.”

²² Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Berimanlah kepada Allah. ²³ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika sesiapa berkata kepada gunung, ‘Beralihlah dan terhumbanlah ke laut,’ tanpa ragu dalam hatinya dan dengan sepenuh kepercayaan bahawa apa yang dikatakannya akan berlaku, maka akan terjadilah seperti kata-katanya itu. ²⁴ Oleh itu, Aku berkata kepadamu, apa sahaja yang kamu minta dalam doa, percayalah kamu akan menerimanya, maka kamu akan mendapatnya. ²⁵ Setiap kali kamu berdoa, jika ada sesiapa yang bersalah terhadapmu, ampunilah dia, supaya Bapamu di syurga juga akan mengampunkan kesalahanmu. ²⁶ Tetapi jika kamu tidak mengampuni, Bapamu di syurga juga tidak akan mengampunkan kesalahanmu.”

Kekuasaan Yesus dipersoalkan

²⁷ Selepas itu, mereka masuk semula ke Yerusalem. Sedang Dia berjalan di dalam Bait Suci, ketua-ketua imam, ahli-ahli Taurat dan tua-tua datang kepada-Nya. ²⁸ Mereka berkata kepada-Nya, “Dengan kuasa apakah Kamu melakukan perkara-perkara ini? Dan siapakah yang memberi-Mu kuasa untuk

melakukannya?”²⁹ Tetapi Yesus menjawab, “Aku juga akan bertanya satu soalan kepadamu. Jawablah soalan-Ku, maka Aku akan menyatakan kepadamu dengan kuasa apa Aku melakukan perkara-perkara itu.³⁰ Baptisan Yohanes daripada syurga atau daripada manusia? Jawablah soalan-Ku!”

³¹ Mereka pun berbincang sesama sendiri, “Kalau kita berkata, ‘Daripada syurga’ Dia akan berkata, ‘Kalau begitu, mengapa kamu tidak percaya kepadanya?’³² Tetapi, apa pula kalau kita berkata, ‘Daripada manusia!’ ” (Mereka takut akan orang ramai itu yang semuanya menganggap Yohanes seorang nabi.)³³ Oleh itu, mereka menjawab, “Kami tidak tahu.”

Yesus berkata, “Aku pun tidak akan memberitahumu dengan kuasa apa Aku melakukan perkara-perkara ini.”

Ibarat tentang penyewa ladang

12¹ Setelah itu, Dia mula berkata-kata kepada mereka melalui ibarat: “Seorang peladang menanam anggur, memasang pagar sekeliling ladangnya, menggali lubang untuk tempat memeras anggur, dan membina menara tempat berkawal. Kemudian dia

menyewakan ladang anggur itu kepada beberapa orang lalu pergi ke negeri lain.

² Apabila tiba musim memetik, peladang itu menghantar seorang hambanya untuk meminta bahagiannya daripada hasil ladang anggur itu. ³ Tetapi para penyewa ladang menangkap dan memukul hamba itu lalu menyuruhnya pergi dengan tangan kosong. ⁴ Peladang itu menghantar seorang lagi hambanya. Mereka memukulnya, menyebabkannya luka di kepala dan menyuruhnya pergi setelah diperlakukan sebegitu kejinya. ⁵ Selepas itu, dia menghantar seorang lagi hambanya, dan mereka membunuh hamba itu. Ramai lagi dihantar, ada yang dibunuh dan ada yang dipukul. ⁶ Oleh yang demikian, kerana dia masih ada seorang anak yang amat dikasihinya, dia menghantarnya sebagai utusan terakhir, sambil berkata dalam hatinya, 'Mereka akan menghormati anakku.' ⁷ Tetapi para penyewa ladang berkata sesama sendiri, 'Ini warisnya. Mari kita bunuh dia, supaya harta warisannya menjadi milik kita.' ⁸ Mereka pun menangkap dan membunuhnya lalu mencampakkannya ke luar ladang itu."

⁹ "Jadi, apa yang akan dilakukan oleh tuan ladang anggur itu? Dia akan datang dan membinasakan para penyewa itu, lalu menyerahkan ladang anggur itu kepada orang

lain. ¹⁰ Belum pernahkah kamu baca dalam Kitab Suci:

‘Batu yang dibuang oleh pembina
telah menjadi batu penjuru;

¹¹ Inilah perbuatan Tuhan,
sungguh hebat di mata kami.’?”

¹² Mereka cuba menangkap Yesus kerana mereka tahu ibarat itu ditujukan terhadap mereka. Tetapi mereka takut akan orang ramai. Oleh itu, mereka meninggalkan-Nya dan pergi dari situ.

Membayar cukai kepada Kaisar

¹³ Kemudian mereka menghantar kepada-Nya beberapa orang Farisi dan golongan Herodes, untuk memerangkap-Nya melalui kata-kata-Nya.

¹⁴ Orang yang dihantar itu berkata kepada-Nya, “Guru, kami tahu bahawa Engkau ikhlas. Engkau tidak takut kepada sesiapa pun kerana Engkau tidak pilih kasih, hanya mengajar cara Allah berdasarkan yang benar. Wajarkah membayar cukai kepada Kaisar atau tidak? Patutkah kami bayar, ataupun tidak?”

¹⁵ Tetapi Yesus tahu bahawa mereka itu munafik lalu berkata, “Mengapa kamu menduga-Ku? Bawakan sekeping wang dinar untuk Kulihat.”

¹⁶ Mereka pun membawakannya kepada Yesus dan Dia pun bertanya kepada mereka, “Gambar dan nama siapakah ini?”

“Kaisar,” jawab mereka.

¹⁷ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Berikan milik Kaisar kepada Kaisar, dan milik Allah kepada Allah.” Mereka tercengang mendengar kata-kata-Nya.

Perkahwinan pada hari kebangkitan

¹⁸ Selepas itu orang Saduki, yang mengatakan tidak ada kebangkitan, datang kepada Yesus lalu bertanya, ¹⁹ “Guru, Musa menulis untuk kami bahawa jika seseorang lelaki meninggal dunia tanpa anak, saudara lelakinya patutlah berkahwin dengan balunya dan memanjangkan zuriatnya. ²⁰ Kesemuanya ada tujuh adik-beradik lelaki. Yang sulung berkahwin, kemudian meninggal dunia tanpa anak. ²¹ Yang kedua berkahwin dengan balu saudaranya, kemudian meninggal dunia tanpa anak. Begitu juga yang ketiga. ²² Ketujuh-tujuhnya mengahwini wanita itu dan meninggal dunia tanpa anak. Akhirnya wanita itu juga meninggal dunia. ²³ Jadi, pada hari kebangkitan ketika mereka bangkit

daripada kematian, isteri siapakah wanita itu? Ketujuh-tujuhnya pernah mengahwininya.”

²⁴ Yesus menjawab, “Tidakkah kamu tersilap, kerana kamu tidak memahami baik Kitab Suci mahupun kuasa Allah? ²⁵ Apabila mereka bangkit daripada kematian, mereka tidak berkahwin atau dikahwinkan; mereka seperti malaikat di syurga. ²⁶ Tetapi tentang kebangkitan orang mati, tidakkah kamu baca dalam kitab Musa, bahagian tentang belukar yang bernyala, betapa Allah berfirman kepadanya, ‘Akulah Allah Abraham, Ishak dan Yakub.’ ²⁷ Dia bukanlah Allah orang mati tetapi Allah orang hidup. Oleh itu, kamu tersilap sama sekali!”

Perintah yang terutama

²⁸ Seorang ahli Taurat datang mendengar mereka bersoal jawab. Dia menyedari bahawa Yesus telah menjawab dengan baik. Dia pun bertanya kepada-Nya, “Perintah manakah yang terutama?”

²⁹ Yesus menjawab, “Yang terutama antara semua perintah ialah: ‘Dengarlah, wahai umat Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa. ³⁰ Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh

fikiranmu, dan dengan sepenuh kekuatanmu.’ Inilah perintah yang terutama. ³¹ Perintah yang kedua ialah: ‘Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri.’ Tiada perintah lain yang lebih utama daripada dua perintah ini.”

³² Ahli Taurat itu berkata kepada Yesus, “Sungguh baik jawapan Guru. Kata-kata Engkau itu benar, kerana Allah itu esa, tiada yang lain daripada-Nya. ³³ Mengasihi-Nya dengan sepenuh hati, dengan sepenuh fikiran, dengan sepenuh jiwa, dan dengan sepenuh kekuatan, serta mengasihi sesama manusia seperti diri sendiri, adalah lebih utama daripada segala korban persembahan dan korban bakaran.”

³⁴ Yesus menyedari bahawa jawapan itu bijaksana, lalu berkata kepadanya, “Kamu tidak jauh daripada kerajaan Allah.”

Selepas itu, tiada siapa yang berani menyoal-Nya apa-apa lagi.

Hubungan antara Yesus dengan Daud

³⁵ Kemudian, ketika mengajar di Bait Suci, Yesus berkata, “Bagaimanakah ahli-ahli Taurat dapat mengatakan bahawa Kristus itu anak Daud?”

12:31: Im 19:18. **12:32:** Ul 4:35. **12:33:** Hos 6:6.

12:34: Luk 10:25-28.

³⁶ Kerana Daud sendiri berkata dengan panduan Roh Kudus:

‘Tuhan berfirman kepada Tuanku:

Duduklah di kanan-Ku
sehingga Kujadikan segala musuh-Mu alas
kaki-Mu.’ ”

³⁷ “Jadi, Daud sendiri memanggil-Nya ‘Tuan.’
Bagaimana mungkin Dia anaknya?”

Orang ramai mendengar kata-kata Yesus dengan sukacita.

³⁸ Dia mengajar mereka lagi, “Awat ahli-ahli Taurat, yang suka ke sana sini berjubah labuh, suka diberi salam hormat di pasar, ³⁹ suka duduk di kerusi khas di saumaah^b dan tempat terhormat di majlis jamuan. ⁴⁰ Mereka merampas rumah balu tetapi kemudian pura-pura berdoa berjela-jela. Mereka ini akan menerima hukuman yang lebih berat.”

Persembahan seorang balu

⁴¹ Yesus duduk berhadapan dengan peti wang persembahan dan melihat betapa orang memasukkan wang ke dalamnya. Ramai orang kaya memasukkan sumbangan yang

^b**12:39** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

besar. ⁴² Kemudian seorang balu yang miskin memasukkan dua keping wang tembaga, yang sangat kecil nilainya. ⁴³ Yesus memanggil murid-murid-Nya lalu berkata kepada mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, balu yang miskin itu telah memberi lebih daripada semua orang yang telah memasukkan wang ke dalam peti persembahan; ⁴⁴ kerana mereka memberi daripada kekayaan mereka yang melimpah, tetapi dia daripada kemiskinannya telah memasukkan semua yang ada padanya, seluruh rezekinya.”

Tanda-tanda akhir zaman

13 ¹ Ketika Yesus sedang melangkah keluar dari Bait Suci, seorang murid-Nya berkata, “Guru, lihatlah batu dan bangunan yang luar biasa di sini!”

² Yesus menjawab, “Adakah kamu melihat bangunan yang hebat-hebat ini? Tiada seketul pun batunya akan tinggal tersusun; semuanya akan dirobohkan.”

³ Ketika Dia duduk di atas Bukit Zaitun setentang dengan Bait Suci, murid-Nya Petrus, Yakobus, Yohanes dan Andreas bertanya kepada-Nya secara peribadi, ⁴ “Katakanlah kepada kami, bilakah hal-hal itu akan terjadi? Apakah

tanda-tandanya semua ini akan terjadi seperti yang telah dikatakan?”

⁵ Yesus mula berkata kepada mereka, “Awas, jangan terperdaya oleh sesiapa pun! ⁶ Ramai akan datang dengan nama-Ku dan berkata, ‘Akulah Dia.’ Mereka akan membuat ramai orang terperdaya. ⁷ Apabila kamu mendengar peperangan dan desas-desus peperangan, jangan gentar; kerana hal-hal begitu harus terjadi, tetapi belum sampai waktunya akhir zaman. ⁸ Bangsa akan bangkit bertarung dengan bangsa, kerajaan dengan kerajaan. Gempa bumi akan berlaku di merata-rata, dan juga kebuluran. Segala ini cuma permulaan kesakitan sebelum bersalin.

⁹ Berhati-hatilah tentang dirimu, kerana mereka akan mengheretmu ke hadapan majlis dan memukulmu di dalam saumaah^c. Kamu akan dibawa kepada pemerintah dan raja kerana-Ku, untuk memberikan kesaksian kepada mereka. ¹⁰ Injil mesti disebarikan terlebih dahulu kepada semua bangsa. ¹¹ Apabila mereka menangkapmu dan menyerahkanmu kepada pihak berkuasa, janganlah khuatir apa yang akan kamu katakan. Tetapi apa yang diberitahu kepadamu pada

^c**13:9** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

waktu itu, tuturkanlah, kerana yang bertutur itu Roh Kudus, bukanlah kamu. ¹² Saudara akan berlaku khianat terhadap saudara, bapa terhadap anak, dan anak terhadap ibu bapa, lalu menyerahkan mereka untuk dibunuh. ¹³ Kamu akan dibenci oleh semua orang kerana nama-Ku. Tetapi sesiapa yang bertahan hingga ke akhir akan diselamatkan.”

¹⁴ “Apabila kamu melihat ‘kekejian yang membawa kebinasaan’ berdiri di tempat terlarang baginya (hendaklah para pembaca memperhatikan ertinya) orang yang ada di Yudea mesti lari ke pergunungan. ¹⁵ Orang yang di atas bumbung ketika itu janganlah turun atau masuk ke rumah untuk mengambil apa-apa. ¹⁶ Yang di ladang usahlah pulang mengambil pakaian. ¹⁷ Malanglah ibu yang mengandung dan yang menyusui anak pada masa itu! ¹⁸ Berdoalah semoga hal-hal itu tidak terjadi pada musim dingin. ¹⁹ Pada masa itu akan berlaku kesengsaraan yang belum pernah berlaku sejak dunia dicipta Allah hingga waktu itu dan tidak akan pernah berlaku lagi. ²⁰ Kalaulah Tuhan tidak menyingkatkan masa itu, tiada seorang pun akan selamat. Namun demikian,

13:13: Mat 10:22. **13:14:** Dan 9:27; 11:31; 12:11.

13:15: Luk 17:31. **13:19:** Dan 12:1; Why 7:14.

demi umat pilihan yang dipilih-Nya, masa itu disingkatkan-Nya.

²¹ Pada waktu itu, jika orang berkata kepadamu, 'Lihat, Kristus ada di sini!' atau 'Lihat, Dia ada di sana!' janganlah percaya; ²² kerana beberapa kristus palsu dan nabi palsu akan muncul dan menunjukkan pelbagai tanda serta keajaiban untuk memperdaya orang, kalau boleh termasuk umat pilihan. ²³ Berhati-hatilah. Lihat, Aku telah memberitahumu semua ini sebelum terjadi.

²⁴ "Pada masa itu, selepas kesengsaraan, 'Matahari akan dikelamkan, dan bulan tidak akan bersinar lagi; ²⁵ bintang-bintang di langit akan gugur, dan kuasa-kuasa di langit akan digoncang.' ²⁶ Kemudian mereka akan melihat Anak Manusia datang dalam awan penuh dengan kekuasaan dan kemuliaan yang besar. ²⁷ Setelah itu, Dia akan menghantar para malaikat-Nya dan menghimpunkan umat pilihan-Nya dari empat mata angin, dari hujung bumi ke hujung langit."

²⁸ "Sekarang, kajilah ibarat daripada pokok ara: Apabila dahan-dahannya sudah melembut dan mula bertunas, kamu tahu musim panas hampir tiba. ²⁹ Begitulah juga kamu. Apabila kamu

13:24 a: Yes 13:10; Yl 2:10,31; 3:15; Why 6:12; **b:** Yes 13:10; Yeh 32:7. **13:25 a:** Yes 34:4; Why 6:13; **b:** Yl 2:10.

13:26: Dan 7:13; Why 1:7.

melihat perkara-perkara ini, ketahuilah kamu bahawa waktunya hampir tiba, sudah di ambang pintu! ³⁰ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, angkatan zaman ini tidak akan luput sebelum segalanya ini terjadi. ³¹ Langit dan bumi akan lenyap, tetapi kata-kata-Ku tidak akan lenyap.”

Hari dan masa tidak diketahui

³² “Tetapi tentang hari atau waktunya tiada siapa yang tahu baik para malaikat di syurga mahupun Anak. Hanya Bapa yang tahu.

³³ Berhati-hatilah! Berjaga dan berdoa! Kerana kamu tidak tahu bila saatnya. ³⁴ Umpama seorang yang berpergian: Dia meninggalkan rumahnya dan memberikan kekuasaan kepada hamba-hambanya, setiap orang dengan tugasnya serta memerintahkan penjaga pintu supaya berjaga-jaga. ³⁵ Oleh itu, berjaga-jagalah, kerana kamu tidak tahu bila tuan rumah akan pulang – pada waktu petang, atau tengah malam, ketika ayam berkokok, atau pada waktu pagi – ³⁶ takut kalau-kalau dia datang tiba-tiba dan mendapatimu sedang tidur. ³⁷ Apa yang Kukatakan kepadamu, Kukatakan kepada semua: ‘Berjagalah!’ ”

Yesus diurapi

14 ¹ Dua hari lagi akan tibalah Perayaan Paskah dan Jamuan Roti Tidak Beragi, ketua-ketua imam dan ahli-ahli Taurat mencari jalan untuk memerangkap Yesus secara tipu daya dan membunuh-Nya. ² Tetapi mereka berkata, “Janganlah pada waktu perayaan, takut orang merusuh.”

³ Ketika itu Yesus berada di Betania di rumah Simon yang menghidap penyakit kusta. Sedang Yesus duduk bertelekan di meja, seorang wanita datang membawa kendi pualam berisi minyak narwastu murni yang amat mahal. Dia memecahkan bejana itu lalu menuangkan minyak itu ke atas kepala Yesus. ⁴ Beberapa orang berkata-kata sesama sendiri dengan marah, “Mengapa dibazirkan minyak wangi ini? ⁵ Minyak itu dapat dijual dengan harga lebih tiga ratus keping wang dinar dan wangnya disedekahkan kepada orang miskin.” Mereka memarahi wanita itu.

⁶ Tetapi Yesus berkata, “Biarkan dia begitu. Mengapakah kamu menyusahkannya? Dia telah melakukan sesuatu yang baik untuk-Ku. ⁷ Orang miskin akan sentiasa ada di sekitarmu, dan

bila-bila sahaja kamu mahu, kamu dapat berbuat kebajikan kepada mereka. Tetapi Aku tidaklah sentiasa ada bersamamu. ⁸ Dia telah melakukan apa yang terdaya olehnya. Dia menuangkan minyak wangi ke atas tubuh-Ku sebagai persiapan bagi pengebumian-Ku. ⁹ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, di mana-mana pun kelak Injil disebar di serata dunia, apa yang telah dilakukan oleh wanita ini akan dikisahkan juga sebagai kenangan kepadanya.”

¹⁰ Selepas itu Yudas Iskariot, seorang daripada murid Yesus yang dua belas itu, pergi kepada ketua-ketua imam untuk mengkhianati-Nya dan menyerahkan-Nya kepada mereka. ¹¹ Ketika mendengar kata-katanya mereka pun sukacita dan berjanji akan memberinya wang. Sejak itu Yudas mencari peluang untuk mengkhianati Yesus.

Perjamuan Tuhan

¹² Pada hari pertama Perayaan Roti Tidak Beragi, ketika mereka menyembelih anak domba Paskah, para murid Yesus berkata kepada-Nya, “Di manakah Engkau mahu kami pergi menyediakan jamuan Paskah untuk-Mu?”

¹³ Dia menghantar dua orang murid-Nya dan berkata kepada mereka, “Pergilah ke dalam kota. Seorang lelaki yang membawa sekendi air

akan menemui kamu. Ikutlah dia. ¹⁴ Di mana dia masuk, katakan kepada tuan rumah, 'Guru berkata: Di manakah ruang tamu untuk Aku makan jamuan Paskah dengan murid-murid-Ku?'

¹⁵ Dia akan menunjukkan kepadamu sebuah ruang besar di tingkat atas, lengkap dengan perabot dan telah siap disediakan. Di situlah kamu membuat persiapan untuk kita."

¹⁶ Kedua-dua murid-Nya itu berangkat pergi ke kota, dan mendapati semua seperti yang telah dikatakan Yesus kepada mereka. Lalu mereka menyediakan jamuan Paskah.

¹⁷ Pada waktu lewat petang, Dia datang bersama murid-murid-Nya yang dua belas itu.

¹⁸ Sedang mereka duduk menikmati jamuan, Yesus berkata, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, seorang daripada kamu yang makan bersama-Ku akan mengkhianati-Ku."

¹⁹ Mereka mula berdukacita. Seorang demi seorang berkata kepada-Nya, "Akukah orang itu?"

²⁰ Yesus menjawab, "Dia seorang daripada dua belas yang mencecah roti bersama ke dalam bekas. ²¹ Anak Manusia memanglah harus pergi, seperti yang tersurat tentang-Nya. Tetapi malanglah orang yang mengkhianati

Anak Manusia! Lebih baik baginya jika dia tidak dilahirkan.”

²² Ketika mereka sedang makan, Yesus mengambil roti, mengucap syukur lalu memecah-mecahkan dan memberikannya kepada murid-murid-Nya sambil berkata, “Ambillah, ini tubuh-Ku.”

²³ Kemudian Dia mengambil cawan air anggur, dan selepas mengucap syukur, Dia memberikannya kepada mereka, lalu mereka semua minum dari cawan itu. ²⁴ Dia berkata kepada mereka, “Ini darah perjanjian-Ku yang ditumpahkan untuk ramai orang.

²⁵ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, Aku tidak akan minum air anggur lagi hinggalah pada hari Aku minum yang baru dalam kerajaan Allah.”

²⁶ Setelah menyanyikan sebuah lagu suci, mereka pun beredar ke Bukit Zaitun.

Petrus akan menyangkal Yesus

²⁷ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Malam ini, kamu semua akan goyah kerana-Ku, seperti yang telah tersurat: ‘Aku akan merebahkan Gembala, dan kawanannya akan bertempiran.’ ” ²⁸ “Tetapi setelah Aku

14:24 a: Kel 24:8; **b:** Yer 31:31-34. **14:27:** Za 13:7.

14:28: Mat 28:16.

dibangkitkan semula, Aku akan mendahului kamu ke Galilea.”

²⁹ Petrus berkata kepada-Nya, “Kalaupun semua yang lain goyah, aku tidak akan goyah.”

³⁰ Yesus berkata kepadanya, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, pada malam ini sebelum ayam berkokok dua kali, kamu akan menyangkal-Ku tiga kali.”

³¹ Tetapi Petrus berkata dengan lebih tegas lagi, “Kalaupun aku terpaksa mati bersama-Mu, aku tidak akan menyangkal-Mu.” Semua yang lain pun berkata demikian.

Yesus di Getsemani

³² Mereka sampai di suatu tempat yang dinamakan Getsemani. Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Duduklah di sini sementara Aku berdoa.”

³³ Dia membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes bersama-Nya, dan Dia mula berasa gundah dan resah. ³⁴ Dia berkata kepada mereka, “Jiwa-Ku sungguh dukacita, bagaikan mati. Duduklah di sini, dan berjagalah.”

³⁵ Dia pergi jauh sedikit lagi, lalu merebahkan diri ke tanah, dan berdoa kalau dapat, saat itu diedarkan daripada-Nya. ³⁶ Kata-Nya, “Abba, Bapa, segala-galanya dapat Kaulakukan. Edarkanlah cawan ini daripada-Ku. Namun

demikian, bukanlah kehendak-Ku tetapi kehendak-Mu yang terlaksana.”

³⁷ Kemudian Dia kembali kepada murid-murid-Nya dan mendapati mereka tertidur, lalu Dia berkata kepada Petrus, “Simon, kamu tidurkan? Satu jam pun kamu tidak dapat berjaga?

³⁸ Berjaga dan berdoalah, takut nanti kamu tergođa. Memang rohani rela, tetapi jasmani lemah.”

³⁹ Dia pergi berdoa lagi, dengan kata-kata yang sama. ⁴⁰ Apabila Dia kembali, didapati-Nya mereka telah tertidur lagi, kerana mata mereka amat mengantuk. Mereka tidak tahu apa yang hendak dijawab kepada-Nya.

⁴¹ Setelah Dia datang kepada mereka bagi kali ketiga, Dia berkata, “Adakah kamu masih tidur dan berehat? Cukuplah! Waktunya sudah tiba. Lihat, Anak Manusia sedang dikhianati dan diserahkan ke tangan orang berdosa. ⁴² Bangunlah! Mari kita pergi! Lihat, pengkhianat-Ku sudah tiba!”

Yesus ditangkap

⁴³ Sesaat kemudian, ketika Dia masih berkata-kata, seorang daripada murid-Nya yang dua belas itu, iaitu Yudas datang dengan orang yang sangat ramai dan bersenjatakan pedang serta belantan. Mereka datang daripada ketua-ketua imam,

ahli-ahli Taurat dan tua-tua. ⁴⁴ Pengkhianat Yesus telah menetapkan satu isyarat dengan mereka: “Yang kucium nanti, itulah Dia. Tangkap Dia dan bawalah Dia pergi dengan selamat.”

⁴⁵ Sebaik-baik Yudas tiba, dia pergi kepada Yesus sambil berkata, “Rabbi!” lalu mencium-Nya.

⁴⁶ Mereka pun menangkap Yesus dan membawanya pergi. ⁴⁷ Seorang daripada yang berdiri di situ menghunus pedangnya lalu menetak hamba imam besar, sehingga terputus telinganya.

⁴⁸ Yesus berkata kepada mereka, “Patutkah kamu datang bagaikan hendak menangkap perompak, dengan pedang dan belantan, untuk membawa-Ku pergi? ⁴⁹ Setiap hari Aku dalam kalanganmu, mengajar di Bait Suci, dan kamu tidak menangkap-Ku. Tetapi yang tersurat dalam Kitab Suci mestilah terlaksana.”

⁵⁰ Setelah itu, semua murid Yesus meninggalkan-Nya dan masing-masing melarikan diri.

⁵¹ Seorang pemuda mengikut-Nya, dengan hanya sehelai kain linen membalut tubuhnya. Pemuda-pemuda lain menangkapnya, ⁵² lalu dia melucutkan kain linen itu dan melarikan diri daripada mereka dalam keadaan telanjang.

Yesus di hadapan Majelis Agama

⁵³ Yesus dibawa kepada imam besar. Bersamanya berhimpun semua ketua imam, tua-tua, dan ahli-ahli Taurat. ⁵⁴ Petrus mengikut Yesus dari jauh, turut masuk ke laman dalam rumah imam besar, dan duduk dalam kalangan hamba, berdiang di situ. ⁵⁵ Ketua-ketua imam dan seluruh Majelis Agama berusaha mencari kesaksian terhadap Yesus supaya dapat membunuh-Nya, tetapi mereka tidak berjaya. ⁵⁶ Ramai yang memberi kesaksian palsu terhadap-Nya, tetapi kesaksian mereka semua bercanggah.

⁵⁷ Kemudian beberapa orang bangkit memberi kesaksian palsu terhadap-Nya dengan berkata, ⁵⁸ “Kami telah mendengar Dia berkata, ‘Aku akan membinasakan Bait Suci yang diperbuat dengan tangan ini, dan dalam tiga hari Aku akan membina Bait Suci yang diperbuat tanpa tangan.’” ⁵⁹ Tetapi kesaksian mereka masih bercanggah.

⁶⁰ Imam besar bangkit berdiri di tengah-tengah kesaksian itu lalu bertanya kepada Yesus, “Tidakkah Kamu mahu menjawab apa-apa? Apakah yang didakwakan oleh mereka ini terhadap-Mu?”

⁶¹ Tetapi Yesus berdiam diri, tidak menjawab sepatah pun. Imam besar itu bertanya lagi kepada-Nya, “Adakah Kamu Kristus, Anak Allah Yang Termulia?”

⁶² Yesus menjawab, “Ya, Akulah Dia. Kamu akan melihat Anak Manusia duduk di sebelah kanan Yang Maha Kuasa, dan datang dalam awan di langit.”

⁶³ Imam besar itu lalu mengoyak-ngoyakkan pakaiannya sambil berkata, “Adakah kita perlukan saksi lagi? ⁶⁴ Kamu telah mendengar kata-kata kufur-Nya sendiri! Apakah pendapatmu?”

Lalu mereka semua menjatuhkan hukum ke atas-Nya, bahawa Dia patut dibunuh.

⁶⁵ Kemudian sesetengah mereka mulai meludahi-Nya, membalut mata-Nya lalu memukul-Nya dan berkata kepada-Nya, “Bernubuatlah!” Pengawal-pengawal pula menampar-Nya.

Petrus menyangkal Yesus

⁶⁶ Petrus ada di bawah, di laman dalam. Seorang hamba perempuan imam besar datang ke situ.

⁶⁷ Apabila dia melihat Petrus sedang berdiang memanasakan tubuhnya, dia memandang Petrus dan berkata, “Kamu juga bersama Yesus orang Nazaret.”

⁶⁸ Petrus menyangkal, katanya, “Aku tidak tahu dan tidak faham apa yang kaukatakan.” Dia keluar ke serambi depan, lalu ayam berkokok.

⁶⁹ Hamba perempuan itu melihatnya lagi, lalu mula berkata kepada orang yang berdiri di situ, “Ini seorang daripada mereka.” ⁷⁰ Petrus menyangkalnya lagi.

Sejurus kemudian, mereka yang berdiri di situ berkata pula kepada Petrus, “Sudah tentu kamu seorang daripada mereka, kerana kamu orang Galilea.”

⁷¹ Petrus pun mengucapkan kutuk dan sumpah, “Aku tidak kenal orang yang kaukatakan itu!”

⁷² Ayam pun berkokok bagi kali kedua. Lalu Petrus teringat kata-kata Yesus kepadanya: “Sebelum ayam berkokok dua kali, kamu akan menyangkal-Ku tiga kali.” Memikirkan perkara itu, Petrus menangis dengan kesalnya.

Yesus di hadapan Pilatus

15 ¹ Awal-awal pagi lagi ketua-ketua imam segera bermesyuarat dengan para tua-tua, ahli Taurat dan seluruh Majlis Agama. Kemudian mereka mengikat Yesus, membawa-Nya pergi dan menyerahkan-Nya kepada Pilatus.

² Pilatus bertanya kepada-Nya, “Adakah Engkau Raja orang Yahudi?” Yesus menjawab, “Begitulah seperti katamu.”

³ Kemudian ketua-ketua imam melemparkan pelbagai tuduhan terhadap-Nya. ⁴ Pilatus bertanya lagi kepada-Nya, “Tidakkah Engkau mahu menjawab apa-apa? Lihat betapa banyaknya tuduhan mereka terhadap-Mu?”

⁵ Tetapi Yesus masih tidak menjawab sepele pun, sehingga Pilatus kehairanan.

⁶ Pada waktu perayaan, lazimnya Pilatus membebaskan dari penjara seorang yang diminta oleh mereka. ⁷ Ada seorang bernama Barabas yang dirantaikan bersama beberapa orang pemberontak lain. Mereka telah melakukan pembunuhan dalam pemberontakan itu. ⁸ Orang ramai mula berseru lantang meminta Pilatus membebaskan seorang dari penjara seperti yang biasa dilakukannya. ⁹ Pilatus bertanya, “Adakah kamu mahu aku membebaskan kepadamu Raja orang Yahudi?” ¹⁰ Oleh sebab dia tahu bahawa ketua-ketua imam telah menyerahkan Yesus kepadanya kerana iri hati.

¹¹ Tetapi ketua-ketua imam menghasut orang ramai supaya meminta Barabas dibebaskan kepada mereka. ¹² Pilatus berkata kepada mereka, “Kalau begitu, apa yang kamu mahu kulakukan kepada Dia yang kamu panggil Raja orang Yahudi?”

¹³ Mereka berseru lagi dengan kuatnya, “Salibkan Dia!”

¹⁴ Kata Pilatus kepada mereka, “Mengapa? Apakah kejahatan yang telah dilakukan-Nya?”

Tetapi mereka semakin kuat berseru, “Salibkan Dia!”

¹⁵ Oleh itu, untuk memuaskan hati orang ramai itu, Pilatus membebaskan Barabas kepada mereka. Setelah menyebat Yesus, dia menyerahkan-Nya untuk disalib.

Yesus dipermainkan

¹⁶ Kemudian para askar membawa-Nya ke dewan istana yang dipanggil Praetorium, lalu menghimpunkan seluruh pasukan tentera yang ada di situ. ¹⁷ Mereka mengenakan jubah ungu pada tubuh-Nya, dan membuat mahkota daripada duri lalu meletakkannya di atas kepala-Nya. ¹⁸ Kemudian mereka menyindir-Nya, “Daulat Tuanku, Raja orang Yahudi!” ¹⁹ Mereka memukul kepala-Nya dengan mensiang, meludahi-Nya, kemudian tunduk menyembah-Nya. ²⁰ Setelah mempermain-mainkan-Nya, mereka melucutkan jubah ungu itu dan mengenakan semula pakaian-Nya. Lalu mereka membawa-Nya untuk disalib.

Yesus disalib

²¹ Ketika itu seorang yang bernama Simon, orang Kirene, bapa kepada Aleksander^d dan Rufus sedang lalu di situ. Dia baru sahaja datang dari luar bandar. Kemudian mereka memaksanya mengangkat salib Yesus. ²² Mereka membawa-Nya ke tempat yang dipanggil Golgota (bermaksud Tempat Tengkorak). ²³ Kemudian mereka memberi-Nya air anggur bercampur mir tetapi Dia enggan meminumnya. ²⁴ Setelah mereka menyalib-Nya, mereka membahagikan pakaian-Nya antara mereka dengan membuang undi. ²⁵ Mereka menyalib-Nya pada jam ketiga.^e ²⁶ Tuduhan terhadap-Nya tertulis di atas: Raja orang Yahudi. ²⁷ Mereka menyalib dua orang perompak bersama Yesus, seorang di kanan dan seorang di kiri-Nya. ²⁸ Dengan demikian terlaksanalah apa yang tersurat dalam Kitab Suci: “Dan Dia digolongkan dengan penjahat.”

²⁹ Semua orang yang lalu di situ menggeleng-gelengkan kepala sambil mengejek Yesus.

^d**15:21** Nama lain: Iskandar.

^e**15:25** Pada pukul sembilan pagi.

15:21: Rm 16:13. **15:24:** Mzm 22:18.

15:27: Yes 53:12.

15:29 a: Mzm 22:7; 109:25; **b:** Mrk 14:58; Yoh 2:19.

Mereka berkata, “Kamu mahu memusnahkan Bait Suci dan membinanya semula dalam tiga hari! ³⁰ Sekarang turunlah dari salib itu dan selamatkanlah diri-Mu!”

³¹ Begitu jugalah ketua-ketua imam dan ahli Taurat turut memperolok-olokkan Yesus. Mereka berkata sesama sendiri, “Dia menyelamatkan orang, tetapi tidak dapat menyelamatkan diri-Nya sendiri! ³² Kiranya Kristus ini, Raja Israel, turunlah dari salib, supaya kami melihat dan percaya kepada-Nya!” Orang yang disalib bersama Yesus pun mencela-Nya.

Kematian Yesus

³³ Pada jam keenam hingga jam kesembilan,^f seluruh negeri itu diselubungi kegelapan. ³⁴ Pada jam kesembilan,^g Yesus berseru dengan suara yang lantang, “Eloi, Eloi, lama sabakhtani?” Ertinya, “Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Kautinggalkan Aku?”

³⁵ Beberapa orang di situ mendengar seruan itu dan berkata, “Dengarlah, Dia memanggil Elia.”

³⁶ Seorang daripada mereka berlari mengambil span lalu mencelupnya ke dalam air anggur

^f**15:33** Atau: Tengah hari hingga tiga petang.

^g**15:34** Atau: Pukul tiga petang.

masam. Kemudian dia mencucukkan span itu di hujung sebatang mensiang dan menawarkannya kepada Yesus untuk minum, sambil berkata, “Kita menunggu, kalau-kalau Elia datang menurunkan-Nya dari salib.”

³⁷ Yesus berseru dengan kuat lalu menghembuskan nafas terakhir.

³⁸ Sejurus kemudian, tirai di dalam Bait Suci terbelah dua, dari atas hingga ke bawah. ³⁹ Ketua tentera yang berdiri di hadapan salib itu melihat semua ini lalu berkata, “Benarlah Dia Anak Allah!”

⁴⁰ Beberapa orang wanita menyaksikan segala-galanya dari jauh. Antara mereka ialah Maria Magdalena, serta Maria ibu Yakobus Muda dan Yoses, serta Salome. ⁴¹ Mereka wanita yang mengikut dan menolong Yesus ketika Dia di Galilea. Ada ramai juga wanita yang datang dengan Yesus ke Yerusalem.

Yesus dimakamkan

⁴² Hari sudah lewat petang. Hari itu Hari Persediaan, iaitu sehari sebelum hari Sabat.

⁴³ Yusuf dari Arimatea, seorang ahli terkemuka Majlis Agama yang sedang menunggu kerajaan Allah, datang lalu memberanikan hatinya

menghadap Pilatus dan memohon untuk mengambil jenazah Yesus. ⁴⁴ Pilatus hairan mendengar Yesus sudah pun meninggal dunia, lalu memanggil ketua tentera dan bertanya sama ada Yesus sudah meninggal. ⁴⁵ Setelah mendengar laporan ketua tentera itu, dia pun menyerahkan jenazah Yesus kepada Yusuf. ⁴⁶ Yusuf membeli kain linen yang baik, menurunkan jenazah Yesus dan mengafankannya dengan kain itu. Dia membaringkan jenazah itu di dalam sebuah makam yang telah digali di permukaan batu pejal, lalu menggulingkan sebuah batu besar menutup pintu makam itu. ⁴⁷ Maria Magdalena dan Maria ibu Yoses memerhatikan tempat makam itu.

Kebangkitan Yesus

16 ¹ Setelah tamat hari Sabat, Maria Magdalena, Maria ibu Yakobus, dan Salome membeli ramuan rempah untuk melumuri jenazah Yesus. ² Pada awal pagi hari pertama minggu itu, mereka sampai di makam itu ketika matahari terbit. ³ Mereka berkata-kata sesama sendiri, “Siapa yang akan menggulingkan batu daripada pintu makam untuk kita?” ⁴ Apabila mereka memandang makam itu, mereka mendapati batu yang sangat besar itu telah pun digulingkan. ⁵ Mereka masuk ke

dalam makam itu dan melihat seorang pemuda berjubah putih sedang duduk di sebelah kanan; mereka sungguh terkejut dan ketakutan.

⁶ Tetapi dia berkata kepada mereka, “Jangan takut. Kamu mencari Yesus orang Nazaret, yang telah disalib. Dia telah bangkit semula! Dia tidak ada di sini. Lihatlah tempat mereka baringkan jenazah-Nya. ⁷ Tetapi, pergilah, beritahu murid-murid-Nya, termasuk Petrus, bahawa Dia mendahuluimu ke Galilea. Di sana kamu akan melihat-Nya, seperti yang telah dikatakan-Nya kepada kamu.”

⁸ Mereka pun segera keluar dan berlari meninggalkan makam itu, kerana mereka gementar dan kehairanan. Mereka tidak berkata apa-apa kepada sesiapa, kerana mereka takut.

Yesus menampakkan diri kepada murid-Nya

⁹ Setelah Yesus bangkit semula pada awal pagi hari pertama minggu itu, pertama sekali Dia menampakkan diri-Nya kepada Maria Magdalena yang telah disembuhkan-Nya daripada dirasuk tujuh roh iblis dahulu. ¹⁰ Maria pun pergi memberitahu murid-murid-Nya yang sedang berkabung dan menangis. ¹¹ Ketika mendengar

bahawa Yesus hidup dan telah dilihat oleh Maria, mereka tidak percaya.

¹² Selepas itu, Dia menampakkan diri dengan cara lain kepada dua orang daripada mereka ketika mereka sedang berjalan ke desa.

¹³ Kedua-dua orang murid Yesus itu segera pergi memberitahu yang lain, tetapi mereka juga tidak percaya.

¹⁴ Kemudian Dia menampakkan diri kepada kesemua murid-Nya yang sebelas itu ketika mereka sedang makan. Dia menegur sikap mereka yang tidak percaya dan keras hati, kerana mereka tidak mempercayai orang yang telah melihat-Nya setelah Dia bangkit semula. ¹⁵ Dia berkata kepada mereka, “Pergilah ke serata dunia dan sebarkan Injil kepada setiap insan.

¹⁶ Sesiapa yang percaya dan dibaptiskan akan diselamatkan, tetapi sesiapa yang tidak percaya akan dihukum. ¹⁷ Tanda-tanda ini akan menyertai mereka yang percaya: Dengan nama-Ku mereka akan menghalau roh-roh iblis, dan mereka akan bertutur dalam bahasa-bahasa baru. ¹⁸ Mereka akan memegang ular tanpa mudarat. Kiranya mereka terminum racun, mereka tetap selamat. Mereka akan meletakkan tangan pada orang sakit dan orang itu akan sembuh.”

¹⁹ Setelah Tuhan Yesus berkata-kata dengan mereka, Dia disambut naik ke syurga lalu duduk di kanan Allah. ²⁰ Para murid-Nya pergi menyampaikan perkhabaran Injil di serata dunia. Tuhan bekerja bersama mereka, mengesahkan firman dengan iringan tanda-tanda ajaib.

LUKAS

Pendahuluan

1 ¹ Kepada yang dihormati Teofilus,^h
Ramai orang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencatat peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam kalangan kita ² sebagaimana yang diberitahu kepada kita oleh saksi-saksi pertama dan pemberita Firman dari awalnya. ³ Oleh sebab aku telah mengkaji perkara-perkara ini dari mulanya, aku berfikir eloklah aku mengarang cerita-Nya dengan teratur untuk tuan Teofilus. ⁴ Aku berbuat demikian supaya tuan tahu dengan pastinya perkara-perkara yang telah diajarkan kepada tuan.

Pemberitahuan tentang kelahiran Yohanes Pembaptis

⁵ Pada zaman Herodes, raja negeri Yudea, ada seorang imam bernama Zakharia daripada

^h**1:1** Frasa ini disisipkan untuk memberikan penjelasan terjemahan.

1:5: 1Taw 24:10.

golongan Abia. Isterinya, Elisabet, daripada keturunan Harun. ⁶ Kedua-duanya orang yang benar di hadapan Allah, dan mengikut segala perintah serta ketetapan Tuhan dengan sepenuhnya. ⁷ Tetapi mereka tidak mempunyai anak kerana Elisabet mandul, dan kedua-duanya pun telah lanjut usia.

⁸ Pada suatu hari Zakharia melaksanakan tugasnya sebagai imam di hadapan Allah menurut giliran golongannya bertugas.

⁹ Mengikut peraturan keimaman, dia diundi masuk ke dalam Bait Suci Tuhan untuk membakar kemenyan. ¹⁰ Orang ramai berhimpun di luar untuk beribadat sewaktu kemenyan dibakar.

¹¹ Lalu ternampak kepada Zakharia, malaikat Tuhan berdiri di sebelah kanan mazbah tempat pembakar kemenyan itu. ¹² Hati Zakharia berdebar apabila melihatnya dan dia berasa amat takut.

¹³ Tetapi malaikat itu berkata kepadanya, "Janganlah takut, hai Zakharia, kerana permohonanmu telah dikabulkan. Isterimu Elisabet akan melahirkan seorang anak lelaki bagimu. Kamu hendaklah menamainya Yohanes. ¹⁴ Kamu akan bergembira dan bersukacita apabila dia dilahirkan. Begitu juga ramai orang lain ¹⁵ kerana dia akan menjadi

mulia di mata Tuhan. Dia tidak akan minum air anggur atau minuman keras kerana dia akan dipenuhi dengan Roh Kudus sejak dari rahim ibunya lagi. ¹⁶ Dia akan mengembalikan ramai orang Israel kepada Tuhan, Allah mereka, ¹⁷ dan dia akan melangkah di hadapan Tuhan dengan roh dan kuasa Elia untuk mendamaikan hati bapa dengan anak dan mengembalikan orang ingkar kepada kebijaksanaan orang yang benar, supaya menyediakan suatu kaum yang bersiap sedia bagi Tuhan.”

¹⁸ Zakharia berkata kepada malaikat itu, “Bagaimanakah aku dapat mengetahui perkara ini akan berlaku? Aku telah tua dan isteriku pun telah lanjut usianya.”

¹⁹ Malaikat itu menjawab lagi, “Akulah Gabriel yang berdiri di hadirat Allah, telah diutuskan untuk menyampaikan berita baik ini kepadamu. ²⁰ Ketahuilah, oleh sebab engkau tidak percaya kepada kata-kataku ini yang akan dipenuhi pada masanya, engkau akan menjadi bisu dan tidak dapat bertutur hingga pada hari semua perkara ini berlaku.”

²¹ Sementara itu, orang yang berhimpun itu ternanti-nanti akan Zakharia; mereka sangat hairan kerana dia begitu lama di dalam Bait Suci.

²² Apabila dia keluar, dia tidak dapat bertutur kepada mereka. Maka ketahuilah mereka bahawa Zakharia telah nampak suatu penglihatan di dalam Bait Suci. Dia menggunakan isyarat dengan tangannya kerana dia tetap bisu.

²³ Setelah tamat masa perkhidmatannya, Zakharia pulang ke rumahnya. ²⁴ Kemudian, Elisabet, isterinya pun hamil lalu dia menyisihkan diri selama lima bulan, katanya, ²⁵ “Inilah perbuatan Tuhan bagiku. Pada hari-hari ini Dia telah berkenan menghapuskan aibku di hadapan orang.”

Pemberitahuan tentang kelahiran Yesus

²⁶ Dalam bulan yang keenam, malaikat Gabriel diutus Allah ke Nazaret, sebuah kota di jajahan Galilea, ²⁷ kepada seorang anak dara yang telah bertunang dengan seorang lelaki yang bernama Yusuf daripada keturunan Raja Daud. Nama anak dara itu ialah Maria. ²⁸ Malaikat itu datang kepadanya lalu berkata, “Salam kepadamu yang amat diredai! Tuhan bersamamu!”

²⁹ Hati Maria runsing mendengar kata-kata itu dan dia tertanya-tanya akan maksud salam tersebut. ³⁰ Seterusnya malaikat itu berkata kepadanya, “Janganlah takut, hai Maria, kerana

engkau telah diredai Allah. ³¹ Engkau akan hamil dan melahirkan seorang anak lelaki. Engkau hendaklah menamai-Nya Yesus. ³² Dia akan menjadi mulia dan Dia akan digelar Anak Allah Yang Maha Tinggi. Tuhan Allah akan mengurniakan takhta Daud, nenek moyang-Nya itu kepada-Nya. ³³ Dia akan merajai keturunan Yakub selama-lamanya; dan kerajaan-Nya berkekalan.”

³⁴ Lalu Maria berkata kepada malaikat itu, “Bagaimanakah perkara ini dapat berlaku, sedangkan aku masih dara?”

³⁵ Malaikat itu menjawab, “Roh Kudus akan turun ke atasmu, dan kuasa Allah Yang Maha Tinggi akan menaungimu. Oleh itu, anak suci yang akan dilahirkan akan digelar Anak Allah.

³⁶ Tambahan pula, saudaramu Elisabet yang dahulu dikatakan mandul pun telah hamil enam bulan walaupun dia sudah tua. ³⁷ Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil.”

³⁸ Maria berkata, “Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu.” Lalu malaikat pun meninggalkannya.

1:31: Mat 1:21. **1:32:** 2Sam 7:12,13,16; Yes 9:7.

1:37: Kej 18:14.

Maria melawat Elisabet

³⁹ Setelah itu, Maria bersiap-siap dan bergegas pergi ke sebuah kota di kawasan pergunungan Yehuda. ⁴⁰ Dia masuk ke dalam rumah Zakharia dan memberi salam kepada Elisabet. ⁴¹ Apabila Elisabet mendengar salam Maria, anak dalam kandungannya bergerak-gerak dan Elisabet dipenuhi Roh Kudus. ⁴² Dia berseru, “Diberkatilah engkau antara kaum perempuan, dan diberkatilah juga kandunganmu itu. ⁴³ Siapakah aku ini sehingga ibu Tuhanku datang kepadaku? ⁴⁴ Apabila kudengar salammu, anak dalam kandunganku bergerak-gerak dengan kesukaan. ⁴⁵ Diberkatilah kamu kerana mempercayai apa yang dikatakan kepadamu daripada Tuhan akan berlaku!”

Nyanyian pujian Maria

⁴⁶ Maria berkata,
“Jiwaku meninggikan Tuhan;
⁴⁷ rohku bergembira kerana Allah,
Penyelamatku,
⁴⁸ kerana Dia mengingati hamba-Nya yang hina.
Dari sekarang hingga selama-lamanya,
orang akan berkata aku diberkati,

- ⁴⁹ kerana Yang Maha Kuasa telah melakukan perkara yang besar untuk aku.
Sucilah Nama-Nya.
- ⁵⁰ Dia mengasihani mereka yang takut akan Dia, daripada satu keturunan kepada satu keturunan yang lain.
- ⁵¹ Dia telah menunjukkan kekuatan tangan-Nya; Dia telah menceraikan mereka yang berhati bongkak dalam pemikiran mereka.
- ⁵² Dia telah menurunkan raja-raja daripada takhta mereka dan mengangkat tinggi orang yang hina;
- ⁵³ Dia telah memuaskan orang yang lapar dengan segala yang baik tetapi orang kaya dihalau pergi dengan tangan kosong.
- ⁵⁴ Dia menolong bangsa Israel, hamba-Nya kerana Dia ingat akan belas kasihan-Nya
- ⁵⁵ yang dijanjikan kepada nenek moyang kita Abraham dan semua keturunannya untuk selamanya.”
- ⁵⁶ Maria tinggal bersama Elisabet selama tiga bulan. Selepas itu, dia pulang ke rumahnya.

Kelahiran Yohanes Pembaptis

⁵⁷ Tibalah masanya untuk Elisabet bersalin dan dia melahirkan seorang anak lelaki. ⁵⁸ Apabila jiran tetangga dan saudara-maranya mendengar bahawa Tuhan telah melimpahkan belas kasih yang begitu besar kepadanya, mereka turut bergembira bersamanya.

⁵⁹ Pada hari yang kelapan, mereka datang untuk menyunatkan bayi itu. Mereka mahu menamainya Zakharia seperti nama bapanya. ⁶⁰ Tetapi ibunya berkata, “Tidak! Namanya ialah Yohanes.”

⁶¹ Mereka berkata kepada Elisabet, “Tiada seorang pun daripada kaum keluargamu yang bernama sedemikian.” ⁶² Lalu mereka bertanya kepada bapanya dengan menggunakan isyarat nama yang hendak diberikan kepada anaknya itu.

⁶³ Dia meminta papan tulis lalu menulis demikian, “Namanya Yohanes.” Semuanya kehairanan. ⁶⁴ Pada seketika itu, mulut Zakharia terbuka dan lidahnya tidak terikat lalu dia bercakap dan memuji Allah. ⁶⁵ Semua jirannya sangat takut dan segala perkara ini tersebar ke seluruh pergunungan Yudea. ⁶⁶ Semua orang yang mendengarnya berkata dalam hati

masing-masing, “Bagaimanakah gerangan halnya anak ini kelak?” Jelaslah bahawa tangan Tuhan memimpinnya.

Nubuat Zakharia

⁶⁷ Bapanya, Zakharia, dipenuhi dengan Roh Kudus lalu bernubuat,

⁶⁸ “Segala puji bagi Tuhan, Allah Israel!
Kerana Dia telah datang dan menebus
umat-Nya;

⁶⁹ Dia telah mengurniai kita seorang
Penyelamat yang berkuasa,
seorang daripada keturunan hamba-Nya,
Daud.

⁷⁰ Demikianlah firman-Nya dengan perantaraan
nabi-nabi-Nya yang suci dari zaman
dahulukala,

⁷¹ Dia berjanji menyelamatkan kita daripada
musuh-musuh kita,
dan daripada tangan semua orang yang
membenci kita;

⁷² Dia mengasihani nenek moyang kita,
dan mengingati perjanjian-Nya yang suci,

⁷³ Dia berjanji kepada nenek moyang kita,
Abraham,

⁷⁴ untuk menyelamatkan kita daripada
musuh-musuh kita

supaya tanpa rasa takut kita beribadat
kepada-Nya

⁷⁵ dalam kesucian dan perbenaranⁱ sepanjang
hidup kita.

⁷⁶ Engkau, anakku, akan digelar nabi Allah Yang
Maha Tinggi

kerana engkau mendahului Tuhan demi
menyediakan jalan-Nya,

⁷⁷ dan memberitahu umat-Nya bahawa mereka
diselamatkan

apabila dosa mereka diampunkan.

⁷⁸ Oleh sebab Allah kita mengasihani kita,
cahaya matahari akan terbit dari tempat
tinggi

⁷⁹ untuk menerangi orang yang tinggal
dalam kegelapan dan bayang maut
serta memimpin kita ke jalan damai.”

⁸⁰ Anak itu semakin membesar dan bertambah
kuat rohnya. Dia tinggal di gurun sehinggalah dia
muncul di khalayak bangsa Israel.

ⁱ**1:75** Atau: Kebenaran dalam terjemahan lain. Perkataan, ‘perbenaran’ dalam bahasa asal, ‘dikaiosunē,’ pada amnya merujuk kepada hidup yang benar dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

1:76: Mal 3:1. **1:79:** Yes 9:2.

Kelahiran Yesus

2¹ Pada masa itu Kaisar Agustus menitahkan semua penduduk di seluruh dunia dibanci.

² Ketika pembancian pertama dilaksanakan, Kurenius menjadi gabenor di Siria. ³ Dalam pembancian tersebut, setiap orang perlu kembali ke tempat lahir masing-masing untuk mendaftarkan diri.

⁴ Oleh itu, Yusuf terpaksa berangkat dari bandar Nazaret di Galilea ke kota Daud yang bernama Betlehem di Yudea kerana dia daripada keturunan Daud. ⁵ Dia pergi untuk mendaftarkan diri bersama Maria, tunangnya yang sedang hamil. ⁶ Sewaktu mereka di sana, tibalah masanya untuk dia bersalin. ⁷ Dia melahirkan seorang anak lelaki, iaitu anak sulungnya. Dia membedung anak itu lalu membaringkan-Nya di dalam sebuah palung kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah tumpangan.

Gembala dan malaikat

⁸ Di daerah itu ada beberapa orang gembala yang bermalam di padang kerana menjaga domba mereka. ⁹ Tiba-tiba malaikat Tuhan muncul di hadapan mereka dan kemuliaan Tuhan menerangi mereka, lalu mereka ketakutan.

¹⁰ Tetapi malaikat itu berkata kepada mereka,

“Jangan takut! Aku membawa kepadamu berita baik yang akan memberikan sukacita besar kepada seluruh umat. ¹¹ Pada malam ini di kota Daud telah lahir seorang Penyelamat bagimu, yaitu Kristus, Tuhan. ¹² Inilah tandanya bagimu: Kamu akan menjumpai seorang anak yang dibedung dan dibaringkan di dalam sebuah palung.”

¹³ Tiba-tiba malaikat itu disertai oleh satu angkatan syurga yang besar memuji-muji Allah:

¹⁴ “Kemuliaan bagi Allah di tempat yang maha tinggi

dan damai sejahtera di bumi bagi orang yang berkenan pada hati-Nya.”

¹⁵ Setelah malaikat-malaikat itu meninggalkan mereka untuk kembali ke syurga, gembala-gembala itu berkata sesama sendiri, “Marilah kita pergi ke Betlehem untuk melihat kejadian yang telah berlaku itu seperti yang diberitahu Tuhan kepada kita.”

¹⁶ Mereka pergi dengan segera lalu menjumpai Maria dan Yusuf serta bayi itu yang sedang terbaring di dalam palung.

¹⁷ Setelah melihat bayi itu, mereka pun memberitahu segala yang telah dikatakan kepada mereka tentang anak itu. ¹⁸ Semua yang mendengar berasa kagum tentang apa yang dikatakan oleh gembala-gembala itu kepada

mereka; ¹⁹ tetapi Maria menyimpan segala perkara ini dalam hatinya dan merenunginya.

²⁰ Kemudian gembala-gembala itu pulang sambil memuji-muji Allah atas segala yang didengar dan dilihat mereka. Segalanya seperti yang dikatakan kepada mereka.

Yesus dipersembahkan di Bait Suci

²¹ Lapan hari kemudian, tibalah masanya untuk menyunatkan bayi itu, lalu Dia diberi nama Yesus, seperti yang dikatakan oleh malaikat sebelum Dia dikandung oleh Maria.

²² Setelah tamat masa penyucian mengikut hukum Taurat Musa, mereka pun membawa Yesus ke Yerusalem untuk mempersembahkan-Nya kepada Tuhan. ²³ Tersurat dalam Hukum Tuhan bahawa setiap anak lelaki sulung akan diserahkan kepada Tuhan. ²⁴ Mereka juga mempersembahkan korban mengikut apa yang ditetapkan dalam Hukum Tuhan, iaitu sepasang burung tekukur atau dua ekor anak merpati.

²⁵ Pada masa itu ada seorang di Yerusalem yang bernama Simeon. Seorang yang salih dan takut kepada Allah, Simeon menantikan masa terhiburnya Israel. Dan dia disertai Roh Kudus.

2:21 a: Im 12:3; **b:** Luk 1:31. **2:23:** Kel 13:2,12.

2:24: Im 12:6-8.

²⁶ Roh Kudus telah memberitahunya bahawa dia tidak akan meninggalkan dunia sebelum dia melihat Kristus yang dijanjikan oleh Tuhan.

²⁷ Atas pimpinan Roh dia masuk ke dalam Bait Suci. Ketika Yesus, anak itu, dibawa masuk oleh ibu bapa-Nya untuk menunaikan hukum Taurat itu, ²⁸ Simeon mendukung Dia dan memuji Allah lalu berkata:

²⁹ “Ya Tuhan, sekarang biarlah hamba-Mu pergi dengan sejahtera,
menurut firman-Mu:

³⁰ kerana mataku telah melihat penyelamatan-Mu

³¹ yang telah Kausediakan di hadapan segala bangsa,

³² satu cahaya yang akan menunjukkan jalan kepada bangsa-bangsa asing dan menjadi kemuliaan bagi umat-Mu Israel.”

³³ Ibu dan bapa-Nya kagum mendengar apa yang dikatakan tentang anak itu. ³⁴ Simeon memberkati mereka dan berkata kepada Maria, ibu anak itu, “Anak ini telah dipilih oleh Tuhan untuk menjatuhkan dan membangunkan ramai orang di Israel kelak; Dia menjadi tanda^j yang

^j**2:34** Atau: Tanda daripada Allah.

2:32: Yes 42:6; 49:6; 52:10.

akan dibantahi orang ³⁵ supaya fikiran dalam hati mereka didedahkan. Dan jiwamu sendiri akan ditusuk oleh pedang.”

³⁶ Ada pula seorang nabiah yang bernama Hana anak Fanuel, daripada suku Asyer. Dia telah lanjut usianya. Sesudah berkahwin selama tujuh tahun dan hidup bersama dengan suaminya, ³⁷ Hana kemudian menjadi balu sehingga dia berumur lapan puluh empat tahun. Dia tidak pernah meninggalkan Bait Suci, malahan dia beribadat kepada Allah dengan berpuasa dan berdoa siang malam. ³⁸ Pada ketika itu juga, dia datang dan mengucapkan syukur kepada Allah lalu berkata tentang anak itu kepada semua orang yang menantikan pembebasan bagi Yerusalem.

³⁹ Setelah ibu bapa-Nya menunaikan segala yang wajib menurut Hukum Tuhan, mereka pulang ke kota Nazaret, kota tempat tinggal mereka di Galilea. ⁴⁰ Anak itu semakin membesar dan bertambah kuat serta penuh dengan kebijaksanaan. Kasih kurnia Allah ada pada-Nya.

Yesus di Bait Suci

⁴¹ Tiap-tiap tahun ibu bapa-Nya pergi ke Yerusalem untuk menyambut Perayaan Paskah.

⁴² Ketika Yesus berusia dua belas tahun, mereka

pergi menghadiri perayaan itu seperti biasa.

⁴³ Setelah tamat perayaan itu, mereka pun berangkat pulang; tetapi Yesus, anak mereka itu tertinggal di Yerusalem dan ibu bapa-Nya tidak menyedari hal itu. ⁴⁴ Mereka menyangka Dia ada bersama teman-teman seperjalanan. Oleh itu, mereka berjalan sepanjang hari sebelum mereka mencari-cari Yesus dalam kalangan kaum keluarga dan kenalan mereka. ⁴⁵ Apabila mereka tidak menjumpai-Nya, mereka kembali ke Yerusalem untuk mencari-Nya. ⁴⁶ Selepas tiga hari, mereka akhirnya menemui Yesus di dalam Bait Suci. Dia duduk dikelilingi oleh guru-guru Taurat sambil mendengar pengajaran mereka dan menanya soalan. ⁴⁷ Semua orang yang mendengar Yesus kagum akan pengertian dan jawapan-Nya. ⁴⁸ Ketika ibu bapa-Nya melihat-Nya, mereka juga kagum lalu ibu-Nya berkata, "Anakku, mengapakah Engkau berbuat demikian terhadap kami? Ibu dan ayah begitu bimbang mencari-Mu."

⁴⁹ Lalu Yesus menjawab, "Mengapakah ibu dan ayah mencari Aku? Tidakkah ibu dan ayah mengetahui Aku harus melakukan kerja Bapa-Ku?" ⁵⁰ Tetapi mereka tidak memahami apa yang dikatakan-Nya kepada mereka.

⁵¹ Kemudian Dia pulang bersama mereka ke Nazaret. Dia taat kepada mereka. Ibu-Nya

menyimpan segala perkara ini dalam hatinya.
⁵² Yesus semakin membesar dan bijaksana. Dia diredai Allah dan manusia.

Khutbah Yohanes Pembaptis

3 ¹ Pada tahun yang kelima belas pemerintahan Kaisar Tiberius, Pontius Pilatus menjadi gabenor negeri Yudea, Herodes menjadi raja negeri Galilea dan saudaranya Filipus menjadi raja di wilayah Iturea dan Trakhonitis, Lisanius menjadi raja Abilene ² dan Hanas serta Kayafas menjadi imam besar. Pada masa ini, firman Allah datang kepada Yohanes anak Zakharia di gurun. ³ Lalu Yohanes pergi ke seluruh daerah Sungai Yordan mengkhabarkan satu baptisan pertaubatan untuk pengampunan dosa, ⁴ seperti yang tersurat dalam kitab Nabi Yesaya:

“Suara seorang yang berseru di gurun,
 ‘Sediakanlah jalan untuk Tuhan,
 luruskanlah jalan untuk-Nya.

⁵ Setiap lembah akan ditambah
 dan setiap gunung serta bukit akan diratakan.
 Tempat bengkang-bengkok akan diluruskan
 dan jalan lekak-lekuk akan dilicinkan.

⁶ Semua manusia akan melihat penyelamatan
 yang dikurniakan oleh Allah.’ ”

⁷ Yohanes berkata kepada orang ramai yang berkerumun untuk dibaptis olehnya, “Hai, kamu bagaikan ular kapak berbisa, siapakah yang mengingatkan kamu supaya melepaskan diri daripada kemurkaan Allah kelak? ⁸ Buktikanlah dengan perbuatan bahawa kamu telah bertaubat. Jangan mula berkata sesama sendiri, ‘Abraham bapa moyang kita.’ Ketahuilah, Allah berkuasa menjadikan batu-batu ini anak cucu Abraham. ⁹ Kapak sudah terletak pada akar umbi pokok. Setiap pokok yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang dan dihumbankan ke dalam api.”

¹⁰ Orang ramai itu bertanya kepada Yohanes, “Jadi, apa yang harus kami buat?”

¹¹ Dia menjawab, “Sesiapa yang mempunyai dua helai baju hendaklah memberi kepada orang yang tidak mempunyai baju, dan sesiapa yang mempunyai makanan hendaklah berkongsi dengan orang yang memerlukannya.”

¹² Ada pemungut cukai datang untuk dibaptiskan lalu bertanya kepada Yohanes, “Guru, apa yang harus kami buat?” ¹³ Yohanes berkata kepada mereka, “Jangan suruh orang membayar lebih daripada apa yang ditetapkan.”

3:7: Mat 12:34; 23:33. **3:8:** Yoh 8:33. **3:9:** Mat 7:19.

3:12: Luk 7:29.

¹⁴ Ada askar bertanya kepadanya, “Bagaimanakah dengan kami? Apa yang harus kami buat?”

Yohanes berkata kepada mereka, “Jangan aniayai orang dan jangan rampas harta benda atau ajukan tuduhan palsu. Berpuas hatilah dengan gajimu.”

¹⁵ Orang ramai menanti-nanti dengan penuh harapan dan mereka tertanya-tanya dalam hati tentang Yohanes kalau-kalau dialah Kristus itu.

¹⁶ Yohanes berkata kepada mereka, “Aku ini membaptis kamu dengan air tetapi seorang yang lebih berkuasa daripadaku akan datang. Aku ini tidak layak walaupun untuk mengurai tali kasut-Nya. Dialah yang akan membaptis kamu dengan Roh Kudus dan api. ¹⁷ Tangan-Nya memegang nyiru untuk menampi. Dia akan membersihkan tempat pembantingan dan mengumpulkan gandum di dalam jelapang-Nya tetapi sekam akan dibakar-Nya dalam api yang tidak dapat dipadamkan.”

¹⁸ Yohanes menasihati orang dengan pelbagai cara serta memberitakan Injil kepada mereka.

¹⁹ Dia telah menegur Raja Herodes tentang perkahwinannya dengan Herodias, isteri saudaranya, dan tentang segala kejahatan

yang dilakukannya. ²⁰ Kemudian, Raja Herodes melakukan dosa yang lebih dahsyat dengan memenjarakan Yohanes.

Yesus dibaptis

²¹ Ketika semua orang dibaptiskan, Yesus pula dibaptiskan. Ketika Dia berdoa, langit terbuka, ²² Roh Kudus berupa burung merpati turun ke atas-Nya. Kedengaran satu suara dari langit yang berkata, “Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Mu Aku berkenan.”

Nenek moyang Yesus

²³ Yesus berusia lebih kurang tiga puluh tahun pada masa Dia memulakan pelayanan-Nya. Pada sangkaan orang, Dia anak kepada Yusuf, anak Eli, ²⁴ anak Matat, anak Lewi, anak Malkhi, anak Yanai, anak Yusuf, ²⁵ anak Matica, anak Amush, anak Nahum, anak Hesli, anak Nagai, ²⁶ anak Maat, anak Matica, anak Simei, anak Yosekh, anak Yoda, ²⁷ anak Yohanan, anak Resa, anak Zerubabel, anak Sealtiel, anak Neri, ²⁸ anak Malkhi, anak Adi, anak Kosam, anak Elmadam, anak Er, ²⁹ anak Yesua, anak Eliezer, anak Yorim, anak Matat, anak Lewi, ³⁰ anak Simeon, anak

3:22: Kej 22:2; Mzm 2:7; Yes 42:1; Mat 3:17; Mrk 1:11; Luk 9:35.

Yehuda, anak Yusuf, anak Yonam, anak Elyakim,
³¹ anak Melea, anak Mina, anak Matata, anak
Natan, anak Daud, ³² anak Isai, anak Obed,
anak Boas, anak Salmon, anak Nahason, ³³ anak
Aminadab, anak Admin, anak Arni, anak Hezron,
anak Peres, anak Yehuda, ³⁴ anak Yakub, anak
Ishak, anak Abraham, anak Terah, anak Nahor,
³⁵ anak Serug, anak Rehu, anak Peleg, anak Eber,
anak Selah, ³⁶ anak Kenan, anak Arpaksad, anak
Sem, anak Nuh, anak Lamekh, ³⁷ anak Metusalah,
anak Henokh, anak Yared, anak Mahalaleel, anak
Kenan, ³⁸ anak Enos, anak Set, anak Adam, anak
Allah.

Yesus digoda

4 ¹ Yesus penuh dengan Roh Kudus, kembali dari Sungai Yordan dan dipimpin oleh Roh ke padang gurun. ² Selama empat puluh hari, Dia digoda oleh Iblis. Sepanjang masa itu, Dia tidak makan apa-apa. Sesudahnya semua itu, Dia berasa kelaparan.

³ Lalu Iblis berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah, perintahkan batu ini supaya menjadi roti.”

⁴ Yesus menjawab, “Telah tersurat, ‘Manusia hidup bukan dengan roti sahaja.’ ”

⁵ Iblis membawa Yesus ke satu tempat yang tinggi lalu dalam sekelip mata, Iblis menunjukkan kepada-Nya semua kerajaan di dunia. ⁶ Iblis berkata kepada-Nya, “Segala kekuasaan ini dengan kemuliaannya akan kuberikan kepada-Mu kerana semuanya itu telah diserahkan kepadaku dan aku boleh memberikannya kepada sesiapa jua yang aku suka. ⁷ Jadi, jika Engkau menyembahku, semuanya itu akan menjadi kepunyaan-Mu.”

⁸ Tetapi Yesus menjawab, “Telah tersurat, ‘Hendaklah engkau menyembah Tuhan, Allahmu dan kepada-Nya sahaja engkau beribadat.’ ”

⁹ Kemudian, Iblis membawa Yesus ke Yerusalem lalu meletakkan-Nya di puncak Bait Suci dan berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah, terjunlah dari sini, ¹⁰ kerana telah tersurat, ‘Allah akan memerintahkan malaikat-malaikat-Nya untuk menjaga-Mu ¹¹ dan mereka akan menatang-Mu supaya kaki-Mu tidak terhantuk batu.’ ”

¹² Tetapi Yesus menjawab, “Ada dikatakan, ‘Janganlah engkau menduga Tuhan, Allahmu.’ ”

¹³ Setelah Iblis selesai menggoda Yesus, dia meninggalkan-Nya untuk sementara waktu.

Yesus kembali ke Galilea

¹⁴ Yesus kembali ke Galilea dalam kuasa Roh. Perkhabaran tentang-Nya tersebar ke seluruh daerah itu. ¹⁵ Dia mengajar di saumaah mereka dan semua orang memuji-muji-Nya.

Yesus tidak diterima di Nazaret

¹⁶ Yesus kembali ke Nazaret, tempat Dia dibesarkan. Pada hari Sabat Dia pergi ke saumaah^k seperti kebiasaan-Nya. Lalu Dia berdiri untuk membaca Kitab Suci. ¹⁷ Kitab Nabi Yesaya diberikan kepada Yesus dan Dia membuka kitab itu untuk membaca ayat yang tersurat:

¹⁸ “Roh Tuhan ada pada-Ku
kerana Dia telah mengurapi Aku
untuk memberitakan khabar baik kepada
orang miskin;

Dia telah mengutus Aku untuk mengumumkan
pembebasan kepada orang tawanan,
penyembuhan kepada orang buta,
kelepasan bagi orang yang tertindas,

¹⁹ dan mengisytiharkan tahun keredaan
Tuhan!”

^k**4:16** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat orang Yahudi.

4:18: Yes 61:1,2.

²⁰ Yesus menutup kitab itu dan memulangkannya kepada petugas lalu duduk. Mata semua orang di dalam saumaah itu tertumpu kepada-Nya. ²¹ Yesus mula berucap kepada mereka, “Pada hari ini ayat Kitab Suci ini telah terlaksana ketika kamu mendengarnya.”

²² Semua orang menyanjung Dia dan mengagumi kata-kata indah yang diucapkan-Nya. Mereka berkata, “Bukankah Dia anak Yusuf?”

²³ Yesus berkata kepada mereka, “Sudah tentunya kamu akan menyebut bidalan ini kepada-Ku, ‘Tuan tabib, ubati diri-Mu! Buatlah di kota-Mu sendiri apa yang kami dengar Kaubuat di Kapernaum.’ ” ²⁴ Yesus menambah, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, tiada seorang nabi pun yang diterima di kotanya sendiri. ²⁵ Dengarlah, sesungguhnya terdapat ramai balu di negeri Israel pada zaman Elia tatkala langit tertutup tidak menurunkan hujan selama tiga tahun enam bulan, dan terjadilah bencana kebuluran di seluruh negeri itu.

²⁶ Tetapi Elia tidak diutus kepada seorang jua pun kecuali seorang balu di bandar Sarfat di Sidon. ²⁷ Demikian juga, ada ramai orang yang berpenyakit kusta di Israel pada zaman Nabi Elisa

4:24: Yoh 4:44. **4:25:** 1Raj 17:1. **4:26:** 1Raj 17:8-16.

4:27: 2Raj 5:1-14.

tetapi tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang ditahirkan melainkan Naaman, orang Siria.”

²⁸ Semua orang di dalam saumaah yang mendengar kata-kata ini naik berang. ²⁹ Mereka bangun lalu mengusir Yesus dari kota itu. Dia dibawa ke puncak gunung tempat kota itu dibina kerana mereka mahu menghumbankan-Nya ke bawah. ³⁰ Tetapi Yesus berjalan di tengah-tengah mereka dan beredar dari situ.

Orang yang dirasuk oleh roh iblis

³¹ Kemudian Yesus pergi ke kota Kapernaum di jajahan Galilea dan di situlah Dia mengajar orang pada hari Sabat. ³² Mereka kagum dengan ajaran-Nya kerana kata-kata-Nya penuh wibawa. ³³ Di dalam saumaah itu ada seorang yang dirasuk oleh roh iblis yang durjana. Dia menjerit dengan nyaring, ³⁴ “Ah, apa yang hendak Kaubuat kepada kami, hai Yesus orang Nazaret? Adakah Engkau hendak membinasakan kami? Aku tahu siapa Engkau ini. Engkau Yang Suci daripada Allah!”

³⁵ Yesus membentak roh iblis itu, “Diam! Keluar daripada dia!” Roh iblis itu menghempaskan orang itu di hadapan mereka lalu keluar daripadanya tanpa mencederakannya.

³⁶ Mereka semua tercengang dan berkata sesama sendiri, “Betapa hebat kata-kata-Nya! Dengan penuh wibawa dan kuasa Dia memerintah roh-roh jahat itu, mereka terus keluar.” ³⁷ Maka perkhabaran tentang Yesus tersebar ke seluruh daerah itu.

Yesus menyembuhkan beberapa orang

³⁸ Yesus meninggalkan saumaah itu lalu pergi ke rumah Simon. Ibu mertua Simon sedang demam panas, dan mereka memohon kepada Yesus untuk menolongnya. ³⁹ Yesus berdiri di tepi katilnya dan membentak demam itu lalu demam itu pun hilang. Ibu mertua Simon segera bangun dan melayan mereka.

⁴⁰ Ketika matahari sedang terbenam, semua orang yang menghidap pelbagai penyakit dibawa kepada Yesus. Dia meletakkan tangan-Nya pada setiap orang dan menyembuhkan mereka.

⁴¹ Roh-roh iblis juga keluar daripada ramai orang dan berteriak, “Engkaulah Anak Allah.”

Yesus memarahi roh-roh iblis itu dan tidak mengizinkan mereka bercakap kerana mereka mengetahui Dialah Kristus.

Yesus mengkhabarkan Injil di Yudea

⁴² Ketika fajar menyingsing, Yesus meninggalkan kota itu dan pergi ke tempat yang sunyi. Orang

ramai mula mencari Dia, dan apabila mereka menemui-Nya, mereka cuba menahan-Nya daripada meninggalkan mereka. ⁴³ Tetapi Yesus berkata kepada mereka, “Aku harus mengkhabarkan berita baik tentang kerajaan Allah di kota-kota lain juga. Sebab untuk tujuan inilah, maka Aku diutus.”

⁴⁴ Maka, Dia berkhotbah di saumaah di Yudea.

Yesus memanggil murid-Nya yang pertama

5 ¹ Pada suatu hari semasa Yesus berdiri di tepi pantai Tasik Genesaret, ramai orang berasak-asak mengerumuni-Nya untuk mendengar firman Allah. ² Dia melihat dua buah perahu di situ. Para nelayan yang menangkap ikan telah turun dari perahu itu untuk membasuh jala mereka. ³ Yesus naik ke dalam salah sebuah perahu, iaitu perahu Simon dan memintanya menolak perahu itu jauh sedikit dari pantai. Yesus duduk dan mengajar orang ramai dari perahu itu.

⁴ Setelah selesai mengajar, Dia berkata kepada Simon, “Tolaklah ke air yang dalam dan tebarkan jalamu untuk menangkap ikan.”

⁵ Simon menjawab, “Tuan, semalaman kami cuba sedaya upaya tetapi tidak dapat menangkap

apa-apa pun. Tetapi, kerana kata-kata Engkau itu, maka aku akan menebarkan jala.”

⁶ Setelah menebarkan jala, mereka menangkap begitu banyak ikan sehingga jala hampir terkoyak.

⁷ Mereka memanggil rakan-rakan dari perahu lain supaya datang menolong. Mereka datang lalu memenuhi kedua-dua buah perahu itu dengan ikan sehingga perahu-perahu itu hampir tenggelam.

⁸ Apabila Simon Petrus melihat apa yang telah berlaku, dia berlutut di hadapan Yesus dan berkata, “Tinggalkan hamba, ya Tuhan, kerana hamba seorang yang berdosa!”

⁹ Simon dan semua orang yang bersamanya takjub melihat begitu banyak ikan yang dapat ditangkap mereka. ¹⁰ Begitu juga Yakobus dan Yohanes, anak-anak Zebedeus, rakan-rakan Simon. Yesus berkata kepada Simon, “Jangan takut! Mulai sekarang, engkau akan menjala manusia!”

¹¹ Setelah mereka menyadai perahu-perahu itu, mereka meninggalkan semuanya lalu mengikut Yesus.

Yesus menyembuhkan seorang yang berpenyakit kusta

¹² Pada suatu hari Yesus berada di sebuah bandar. Terdapat seorang yang berpenyakit kusta. Apabila dia melihat Yesus, dia meniarap lalu merayu kepada-Nya, “Tuan, jika Tuan mahu, Tuan dapat mentahirkanku.”

¹³ Lalu Yesus pun menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh orang itu sambil berkata, “Aku mahu. Tahirlah!” Pada saat itu juga, penyakit kustanya hilang. ¹⁴ Yesus menyuruhnya, “Jangan beritahu sesiapa pun hal ini tetapi pergilah dan tunjukkan dirimu kepada imam serta persembahkan korban seperti yang diperintahkan oleh Musa, sebagai kesaksian kepada mereka bahawa kamu sudah ditahirkan.”

¹⁵ Akan tetapi, berita tentang Yesus tersebar lebih meluas dan ramai orang datang untuk mendengar-Nya dan untuk disembuhkan daripada penyakit mereka. ¹⁶ Tetapi Yesus beredar ke tempat yang sunyi dan berdoa.

Yesus menyembuhkan seorang yang lumpuh

¹⁷ Pada suatu hari ketika Yesus sedang mengajar, ada beberapa orang Farisi dan ahli Taurat duduk

di situ. Mereka telah datang dari setiap bandar di Galilea dan Yudea dan juga dari Yerusalem. Kuasa Tuhan ada pada Yesus untuk menyembuhkan orang. ¹⁸ Beberapa orang mengusung seorang lumpuh yang terbaring di atas tikar dan mereka mencari jalan untuk membawanya ke dalam rumah untuk meletakkannya di hadapan Yesus. ¹⁹ Oleh sebab mereka tidak dapat membawanya masuk kerana orang bersesak-sesak, mereka naik ke atas bumbung rumah lalu membuka genting supaya dapat menurunkan orang itu dengan tikarnya di tengah-tengah orang ramai di hadapan Yesus. ²⁰ Ketika Yesus melihat iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, “Saudara, dosamu telah diampunkan.”

²¹ Ahli-ahli Taurat dan orang Farisi mula berkata sesama diri, “Siapakah orang ini yang mengkufuri Allah? Tiada siapa boleh mengampunkan dosa kecuali Allah!”

²² Tetapi Yesus mengetahui fikiran mereka, lalu berkata kepada mereka, “Mengapa kamu berfikir begitu dalam hatimu? ²³ Manakah yang lebih mudah dikatakan, ‘Dosamu diampunkan,’ atau ‘Bangun dan berjalan’? ²⁴ Tetapi, supaya kamu tahu bahawa Anak Manusia berkuasa di bumi ini mengampunkan dosa...” Dia berkata kepada orang yang lumpuh itu, “Aku berkata kepadamu, bangun, angkat tikarmu dan pulanglah!”

²⁵ Seketika itu juga, dia bangun di hadapan mereka sekalian. Dia mengangkat tikar tempat dia berbaring tadi lalu pulang sambil memuji Allah. ²⁶ Semua orang tercengang dan memuji Allah. Mereka berasa takjub sambil berkata, “Pada hari ini kami telah menyaksikan hal yang ajaib!”

Yesus memanggil Lewi

²⁷ Kemudian Yesus keluar dan terpancang seorang pemungut cukai yang bernama Lewi sedang duduk di tempat memungut cukai. Yesus berkata kepadanya, “Ikutlah Aku!”

²⁸ Lewi bangun, meninggalkan semuanya dan mengikut-Nya.

²⁹ Lewi menyediakan satu jamuan besar untuk Yesus di rumahnya. Ada ramai pemungut cukai dan orang lain yang turut makan bersama mereka. ³⁰ Orang Farisi dan ahli Taurat mereka bersungut-sungut kepada para murid Yesus, “Mengapakah kamu makan dan minum bersama pemungut cukai dan orang berdosa?”

³¹ Yesus menjawab, “Orang sakitlah yang memerlukan tabib, bukannya orang sihat. ³² Aku datang bukannya untuk memanggil orang benar, tetapi orang berdosa, supaya mereka bertaubat.”

Pertanyaan tentang puasa

³³ Mereka berkata kepada Yesus, “Murid-murid Yohanes kerap kali berpuasa dan berdoa. Demikian juga murid orang Farisi. Tetapi murid-murid-Mu ini terus makan dan minum sahaja.”

³⁴ Yesus menjawab, “Dapatkah kamu membuat tetamu dalam jamuan perkahwinan berpuasa semasa pengantin lelaki masih bersama mereka?

³⁵ Tetapi akan tiba saatnya pengantin lelaki itu diambil daripada mereka. Pada masa itulah mereka berpuasa.”

³⁶ Yesus memberitahu juga suatu ibarat kepada mereka: “Tiada sesiapa pun yang mengoyak perca kain baru untuk menampalkannya ke atas pakaian lama. Jika dia berbuat demikian, maka dia akan mengoyakkan pakaian baru itu, dan perca kain baru itu tidak akan sepadan dengan yang lama. ³⁷ Tiada siapa menuangkan air anggur baru ke dalam kirbat kulit yang lama. Kalau dilakukan, air anggur baru itu akan memecahkan kirbat kulit itu, lalu air anggur di dalamnya akan tumpah dan kirbat itu pun rosak. ³⁸ Tetapi air anggur yang baru harus dituang ke dalam kirbat kulit yang baru. ³⁹ Dan tiada siapa pun yang telah minum air anggur yang lama gemar minum air

anggur yang baru kerana katanya, 'Yang lama itu lebih baik.' ”

Pertanyaan tentang hari Sabat

6¹ Pada hari Sabat Yesus berjalan melalui ladang gandum dan murid-murid-Nya memetik bulir gandum, menggosoknya dengan tangan lalu memakannya.² Beberapa orang Farisi berkata kepada mereka, “Mengapakah kamu melakukan sesuatu yang dilarang pada hari Sabat?”

³ Yesus menjawab, “Tidakkah kamu baca apa yang dilakukan oleh Daud tatkala dia dan mereka yang mengikutinya berasa lapar: ⁴ bagaimana dia masuk ke dalam Rumah Allah lalu makan roti persembahan serta memberikan roti itu kepada mereka yang mengikutinya, meskipun perbuatan itu dilarang kerana hanya imam dibenarkan makan roti itu?”

⁵ Seterusnya Yesus berkata kepada mereka, “Anak Manusia ialah Tuhan atas hari Sabat.”

Orang yang tangannya lumpuh sebelah

⁶ Pada suatu hari Sabat yang lain, Yesus masuk ke saumaah¹ lalu mengajar di situ. Di situ ada seorang yang lumpuh tangan kanannya.

⁷ Ahli-ahli Taurat dan orang Farisi cuba mencari alasan untuk menuduh Yesus. Oleh itu, mereka mengawasi Yesus sama ada Dia menyembuhkan orang itu pada hari Sabat. ⁸ Yesus mengetahui fikiran mereka lalu berkata kepada orang yang lumpuh tangan kanannya, “Bangunlah dan berdiri di sini.” Orang itu pun bangun dan berdiri di situ.

⁹ Yesus berkata kepada mereka, “Aku bertanya kepadamu, manakah yang wajar dilakukan pada hari Sabat: berbuat baik atau berbuat jahat, menyelamatkan atau membinasakan nyawa?”

¹⁰ Yesus memandang sekeliling mereka lalu berkata kepada orang itu, “Hulurkan tanganmu.” Orang itu langsung melakukannya dan tangannya terus sembuh.

¹¹ Tetapi mereka naik berang lalu berbincang sesama diri tentang apa yang harus dilakukan terhadap Yesus.

¹**6:6** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Yesus memilih dua belas rasul

¹² Pada masa itu Yesus naik ke bukit untuk berdoa. Semalam-malaman Dia berdoa kepada Allah. ¹³ Setelah hari siang, Yesus memanggil murid-murid-Nya dan daripada mereka itu, Dia memilih dua belas orang yang digelar-Nya rasul: ¹⁴ Simon yang dinamakan-Nya Petrus, dan Andreas saudaranya, Yakobus dan Yohanes, Filipus dan Bartolomeus, ¹⁵ Matius dan Tomas, Yakobus anak Alfeus, Simon yang disebut orang Patriot, ¹⁶ Yudas anak Yakobus, dan Yudas Iskariot yang menjadi pengkhianat.

Yesus melayani keperluan orang ramai

¹⁷ Yesus turun bersama mereka lalu berdiri di suatu tempat yang rata. Di situ terdapat sebilangan besar daripada murid-Nya dan ramai orang dari seluruh jajahan Yudea, dari Yerusalem dan dari wilayah-wilayah Tirus serta Sidon ¹⁸ yang datang untuk mendengar Yesus dan untuk disembuhkan daripada penyakit mereka. Orang yang dirasuk roh-roh jahat turut datang dan mereka juga disembuhkan. ¹⁹ Semua orang cuba menyentuh Yesus kerana kuasa sedang keluar daripada-Nya dan menyembuhkan mereka semua.

Kebahagiaan dan penderitaan

²⁰ Yesus memandangi murid-murid-Nya lalu berkata:

“Diberkatilah kamu yang miskin,
kerana kamulah yang empunya kerajaan
Allah.

²¹ Diberkatilah kamu yang lapar sekarang,
kerana kamu akan dipuaskan.

Diberkatilah kamu yang menangis sekarang,
kerana kamu akan bersuka ria.

²² Diberkatilah kamu apabila orang membenci
kamu, menyingkiri kamu, menghina kamu dan
menjahatkan namamu kerana Anak Manusia.

²³ “Bersuka rialah apabila perkara itu berlaku
dan melompatlah kegembiraan, kerana besar
ganjaranmu di syurga kelak. Begitu jugalah
diperlakukan nenek moyang mereka terhadap
para nabi.

²⁴ Tetapi malangnya kamu yang kaya,
kerana kamu telah beroleh hidup yang
senang-lenang.

²⁵ Malangnya kamu yang sekarang kenyang,
kerana kamu akan lapar kelak.

Malangnya kamu yang sekarang tertawa,

kerana kamu akan menangis dan meratap kelak.

²⁶ Malangnya kamu apabila kamu dipuji semua orang, kerana demikian juga perbuatan nenek moyang mereka kepada nabi-nabi palsu.”

Kasih kepada musuh

²⁷ “Tetapi kepada kamu yang mendengar, Aku berkata: Kasihilah musuhmu, berbuat baik kepada orang yang membenci kamu; ²⁸ berkatilah orang yang mengutuk kamu dan doakan orang yang menganiayai kamu. ²⁹ Jika orang menampar sebelah pipimu, biarlah dia menampar sebelah lagi; jika ada orang mengambil jubah kamu, biarkan dia ambil bajumu juga. ³⁰ Berilah setiap orang yang meminta sesuatu daripadamu dan jika sesiapa mengambil barangmu, jangan tuntutan balik barang itu. ³¹ Apa yang kamu mahu orang lakukan kepadamu, lakukanlah demikian juga kepada mereka.

³² Jika kamu mengasihi orang yang mengasihimu, apakah kelebihanmu? Malah, orang berdosa pun mengasihi orang yang mengasihi mereka. ³³ Dan jika kamu membalas baik kepada orang yang berbuat baik kepadamu, apakah kelebihanmu? Orang berdosa pun

berbuat demikian. ³⁴ Jika kamu meminjami orang yang kamu harap akan memulangkannya, apakah kelebihanmu? Orang berdosa pun meminjami orang berdosa untuk mendapatkan kembali sama banyaknya. ³⁵ Tetapi kamu hendaklah mengasihi musuhmu; kamu hendaklah berbuat baik kepadanya dan kamu hendaklah meminjami orang dengan tidak mengharapkan apa-apa. Besarlah ganjaranmu kelak dan kamu akan menjadi anak-anak Allah Yang Maha Tinggi kerana Dia baik kepada orang yang tidak mengenang jasa dan kepada orang zalim. ³⁶ Kamu hendaklah berbelas kasihan seperti Bapamu yang berbelas kasihan.”

Menghakimi orang

³⁷ “Janganlah kamu hakimi orang supaya kamu tidak akan dihakimi. Janganlah kamu hukum orang supaya kamu tidak dihukum. Ampunilah orang dan kamu akan diampuni. ³⁸ Berilah kepada orang dan kamu akan diberi. Suatu takaran yang baik, dipadatkan dan digoncang sehingga melimpah ruah akan dicurahkan ke atas pangkuanmu. Ukuran yang kamu gunakan untuk mengukur akan digunakan terhadapmu.”

³⁹ Kemudian Yesus memberitahu suatu ibarat lagi. “Bolehkah orang buta memimpin orang buta? Tidakkah kedua-duanya akan jatuh ke dalam parit? ⁴⁰ Tiada murid yang melebihi gurunya; tetapi setiap murid yang terlatih dengan sempurna akan menyerupai gurunya.

⁴¹ Mengapakah kamu perhatikan selumbar di mata saudaramu, sedangkan kayu balak di matamu sendiri tidak kamu sedari?

⁴² Bagaimanakah kamu dapat berkata kepada saudaramu, ‘Biarlah aku keluarkan selumbar itu daripada matamu’ sedangkan kamu tidak nampak sebatang kayu balak terpampang di matamu sendiri? Hai munafik! Keluarkanlah dahulu kayu balak daripada matamu, barulah penglihatanmu terang untuk mengeluarkan selumbar daripada mata saudaramu.”

Pokok dan buahnya

⁴³ “Pokok yang subur tidak menghasilkan buah yang buruk. Demikian juga pokok yang tidak subur tidak akan menghasilkan buah yang baik.

⁴⁴ Tiap-tiap pokok dikenal daripada buahnya. Orang tidak memetik buah ara daripada pokok duri atau buah anggur daripada semak duri.

6:39: Mat 15:14.

6:40: Mat 10:24,25; Yoh 13:16; 15:20. **6:44:** Mat 12:33.

⁴⁵ Orang yang baik membuahkan hal-hal yang baik daripada khazanah simpanannya kerana hatinya penuh kebaikan; orang yang jahat membuahkan hal-hal yang jahat kerana hatinya penuh kejahatan. Yang diluahkan mulutnya, meluap daripada hatinya.”

Dua orang pembina rumah

⁴⁶ “Mengapakah kamu memanggil Aku, ‘Tuhan, Tuhan,’ tetapi tidak mematuhi perintah-Ku?

⁴⁷ Aku akan menunjukkan kepadamu keadaan orang yang datang kepada-Ku dan mendengar serta menurut kata-kata-Ku. ⁴⁸ Dia umpama seorang yang membina rumah. Dia menggali lubang dalam-dalam lalu meletakkan asas rumah itu di atas batu. Apabila banjir berlaku, arus dari sungai akan melanda rumah itu tetapi tidak dapat menggoncangkannya kerana rumah itu didirikan dengan kukuh. ⁴⁹ Akan tetapi, orang yang mendengar dan tidak menurut kata-kata-Ku umpama seorang yang membina rumah di atas tanah tanpa asas. Apabila dilanda arus sungai, rumah itu akan runtuh dan kerosakannya besar sekali.”

Yesus menyembuhkan hamba ketua tentera

7¹ Setelah Yesus habis mengatakan semua perkara ini kepada orang ramai, Dia pergi ke Kapernaum. ² Terdapat seorang hamba ketua tentera yang amat disayangi oleh tuannya; hamba itu sedang sakit tenat dan hampir mati. ³ Apabila ketua tentera itu mendengar tentang Yesus, dia menyuruh beberapa tua-tua Yahudi mendapatkan Yesus untuk meminta-Nya datang menyembuhkan hambanya itu. ⁴ Ketika mendapatkan Yesus, mereka merayu kepada-Nya, “Dia wajar mendapat pertolongan-Mu, ⁵ kerana dia mencintai bangsa kita dan telah mendirikan sebuah saumaah^m bagi kami.”

⁶ Lalu Yesus pun pergi bersama mereka. Tatkala Dia tidak berapa jauh dari rumah, ketua tentera itu menyuruh beberapa orang sahabat memberitahu Yesus, “Tuan, tidak usah Tuan menyusahkan diri kerana aku tidak layak menyambut Tuan ke rumahku. ⁷ Aku juga tidak layak datang untuk menemui Tuan. Perintahkanlah sahaja, tentu hambaku akan sembuh. ⁸ Aku juga di bawah perintah orang atasan dan aku ada askar di bawah tanganku.

^m**7:5** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Apabila aku menyuruh seorang askar, 'Pergi!' dia pun pergi. Apabila aku menyuruh askar lain, 'Mari!' dia pun datang. Apabila aku menyuruh hambaku, 'Buat ini!' dia melakukannya."

⁹ Yesus terkagum mendengarnya lalu Dia berpaling kepada orang ramai yang mengikut-Nya sambil berkata, "Aku berkata kepadamu, Belum pernah Kutemui orang yang demikian teguh imannya, walau di Israel pun."

¹⁰ Apabila mereka yang disuruh itu kembali ke rumah ketua tentera itu, mereka mendapati hamba itu telah sembuh.

Yesus menghidupkan anak lelaki seorang balu

¹¹ Tidak lama kemudian, Yesus pergi ke sebuah bandar yang bernama Nain; murid-murid-Nya dan orang ramai pergi bersama-Nya. ¹² Ketika Dia mendekati pintu gerbang bandar itu, mayat anak lelaki tunggal seorang balu sedang diusung keluar dan sekumpulan besar orang dari bandar itu bersama dengan wanita itu.

¹³ Apabila Tuhan melihat balu itu, Dia berbelas kasihan terhadapnya lalu Dia berkata kepadanya, "Janganlah menangis." ¹⁴ Dia berjalan ke hadapan dan menyentuh keranda itu. Orang yang mengusung keranda itu pun berhenti. Lalu Yesus berkata, "Hai pemuda, Aku berkata kepadamu – bangun!" ¹⁵ Orang yang sudah mati

itu pun bangun dan mula bercakap; lalu Yesus mengembalikannya kepada ibunya.

¹⁶ Setiap orang ketakutan lalu memuji Allah: “Seorang nabi yang agung telah muncul dalam kalangan kita!” dan “Allah telah mendatangi umat-Nya.”

¹⁷ Khabar tentang Yesus ini tersebar ke seluruh jajahan Yudea dan daerah di sekelilingnya.

Murid-murid Yohanes Pembaptis

¹⁸ Murid-murid Yohanes memaklumkan segala perkara ini kepadanya. ¹⁹ Yohanes memanggil dua orang pengikutnya lalu menyuruh mereka bertanya kepada Tuhan, “Adakah Tuan ini orang yang akan datang itu, atau perlukah kami menunggu seorang yang lain?”

²⁰ Apabila mereka datang kepada Yesus, mereka berkata, “Yohanes Pembaptis itu menyuruh kami bertanya kepada Tuan, ‘Adakah Tuan ini orang yang akan datang itu, atau perlukah kami menunggu seorang yang lain?’ ”

²¹ Pada masa itu, Yesus sedang menyembuhkan ramai orang yang menderitai penyakit, wabak dan kerasukan roh iblis serta mencelikkan mata ramai orang buta. ²² Lalu Yesus menjawab mereka, “Pulanglah, beritahu Yohanes apa yang

telah kamu lihat dan dengar: Orang buta melihat, orang lumpuh berjalan, orang kusta ditahirkan, orang tuli mendengar, orang mati dihidupkan semula serta perkhabaran baik disampaikan kepada orang miskin. ²³ Diberkatilah orang yang tidak berpaling daripada Aku.”

²⁴ Setelah utusan-utusan Yohanes pulang, Yesus mula berkata kepada orang ramai tentang Yohanes, “Apabila kamu mendapatkan Yohanes di gurun, apakah yang ingin kamu lihat? Sehelai rumput mensiang yang ditiup angin? ²⁵ Kamu ke sana hendak melihat apa? Seorang yang berpakaian mewah? Ketahuilah, orang yang berpakaian mewah dan hidup dalam kekayaan ada di istana. ²⁶ Oleh itu, kamu ke sana untuk melihat apa? Seorang nabi? Betul, malah Aku berkata kepadamu, lebih daripada seorang nabi. ²⁷ Tentang orang itulah telah tersurat dalam Kitab Suci: ‘Aku akan menghantar utusan-Ku untuk mendahului-Mu; dialah yang akan menyediakan jalan bagi-Mu.’ ²⁸ Aku berkata kepadamu bahawa Yohanes itu lebih besar daripada semua orang yang pernah dilahirkan. Akan tetapi, orang yang terkecil dalam kerajaan Allah lebih besar daripadanya.”

²⁹ Orang ramai itu, termasuk pemungut-pemungut cukai, mendengar Yesus. Mereka mengakui cara Allah adalah benar kerana mereka telah menerima baptisan Yohanes.

³⁰ Tetapi orang Farisi dan ahli-ahli Taurat enggan menerima baptisan Yohanes, maka mereka menolak kehendak Allah untuk mereka.

³¹ “Dengan apakah dapat Kubandingkan orang zaman ini? Bagaimanakah keadaan mereka?

³² Mereka umpama anak-anak yang duduk di pasar dan berseru-seru sesama sendiri: ‘Kami memainkan seruling untukmu, tetapi kamu enggan menari; kami menyanyi lagu ratap untukmu, tetapi kamu enggan menangis.’

³³ Kerana Yohanes Pembaptis telah datang dengan berpuasa dan tidak minum air anggur, lalu kamu berkata, ‘Dia dirasuk roh iblis.’

³⁴ Ketika Anak Manusia datang, Dia makan dan minum lalu kamu berkata, ‘Lihatlah Dia ini: pelahap, pemabuk, kawan kepada pemungut cukai dan orang berdosa.’ ³⁵ Namun demikian, kebijaksanaan terbukti benar oleh semua orang yang menerimanya.”

Yesus di rumah Simon, seorang Farisi

³⁶ Salah seorang Farisi menjemput Yesus makan di rumahnya. Yesus masuk ke rumah orang Farisi itu lalu duduk bertelekan di meja. ³⁷ Di dalam kota itu ada seorang perempuan yang hidup dalam dosa. Setelah dia mendengar bahawa Yesus makan di rumah orang Farisi itu, dia membawa sebuah kendi pualam berisi minyak wangi. ³⁸ Dia berdiri di belakang Yesus dekat dengan kaki-Nya dan menangis lalu membasahi kaki Yesus dengan air matanya. Dia mengeringkan kaki Yesus dengan menggunakan rambutnya, mencium kaki-Nya lalu menuang minyak wangi itu pada kaki-Nya. ³⁹ Apabila melihat perkara ini, orang Farisi yang menjemput Yesus berkata-kata dalam hatinya, “Jika orang ini seorang nabi, tentulah Dia mengetahui perempuan yang menyentuh-Nya seorang yang hidup berdosa.”

⁴⁰ Yesus menjawabnya, “Simon, ada sesuatu yang hendak Aku katakan kepadamu.”

Simon berkata, “Ya Guru, katakanlah.”

⁴¹ “Ada dua orang berhutang kepada seorang pemiutang wang. Seorang berhutang lima ratus keping wang dinar dan seorang lagi lima puluh.

⁴² Oleh sebab mereka tidak dapat membayar

hutang itu, dia pun menghapuskan hutang kedua-dua penghutang wang itu. Antara mereka, yang manakah akan lebih mengasihinya?”

⁴³ Simon menjawab, “Aku rasa orang yang dihapuskan hutangnya yang lebih besar itu.”

Yesus berkata kepadanya, “Betullah anggapanmu.” ⁴⁴ Lalu Yesus berpaling kepada perempuan itu dan berkata kepada Simon, “Engkau melihat perempuan ini? Aku masuk ke rumahmu dan engkau tidak memberikan air untuk membasuh kaki-Ku tetapi perempuan ini telah membasahi kaki-Ku dengan air matanya lalu mengeringkannya dengan rambutnya.

⁴⁵ Engkau tidak menyambut Aku dengan ciuman, tetapi semenjak Aku masuk, perempuan ini tidak berhenti-henti mencium kaki-Ku. ⁴⁶ Engkau tidak menuang minyak pada kepala-Ku, tetapi perempuan ini telah menuang minyak wangi pada kaki-Ku. ⁴⁷ Oleh sebab itu, Aku berkata kepadamu bahawa kerana kasihnya yang besar, dosanya yang banyak itu telah diampunkan, tetapi orang yang telah diampuni sedikit sahaja, mengasihi sedikit juga.”

⁴⁸ Yesus berkata kepada perempuan itu, “Dosa-dosamu telah diampunkan.”

⁴⁹ Mereka yang makan bersama Yesus berkata sesama sendiri, “Siapakah orang ini yang mengampunkan dosa pula?”

⁵⁰ Yesus berkata kepada perempuan itu, “Imanmu telah menyelamatkanmu. Pergilah dengan damai sejahtera.”

Beberapa orang perempuan menyertai Yesus

8 ¹ Tidak lama kemudian, Yesus pergi dari bandar ke bandar dan dari kampung ke kampung untuk menyampaikan perkhabaran baik tentang kerajaan Allah. Dua belas murid itu pergi bersama-Nya. ² Begitu juga beberapa orang perempuan yang telah disembuhkan daripada kerasukan roh iblis dan daripada berbagai-bagai penyakit, iaitu Maria (yang disebut orang Magdalena) yang daripadanya telah diusir tujuh roh iblis; ³ Yohana, isteri Khuza, pegawai istana Raja Herodes; Susana dan ramai perempuan lain yang menggunakan harta benda mereka untuk membantu Yesus serta murid-murid-Nya.

Ibarat tentang seorang penyemai

⁴ Ketika orang ramai sedang berkumpul, dan orang dari beberapa buah bandar terus-menerus datang kepada-Nya, Dia menceritakan suatu ibarat: ⁵ “Seorang penyemai pergi menabur benihnya. Semasa dia menabur, ada yang jatuh di tepi jalan dan dipijak orang lalu dimakan

burung di udara. ⁶ Ada pula yang jatuh di tempat berbatu, dan setelah bercambah, tumbuhan itu menjadi layu kerana kurangnya air. ⁷ Ada pula yang jatuh di tengah-tengah semak duri, lalu semak membesar bersama-sama dan membantutkannya. ⁸ Tetapi ada benih yang jatuh di tanah yang subur lalu bertunas dan mengeluarkan hasil seratus ganda.”

Kemudian Yesus berseru, “Sesiapa yang bertelinga, dengarlah!”

Maksud ibarat itu

⁹ Murid-murid Yesus bertanya kepada-Nya, “Apakah erti ibarat ini?” ¹⁰ Yesus berkata, “Kamu telah diberi anugerah untuk mengetahui rahsia kerajaan syurga, tetapi orang lain diberitahu melalui ibarat, supaya mereka terus melihat tetapi tidak nampak, mereka terus mendengar tetapi tidak mengerti.”

Yesus menerangkan ibarat penyemai

¹¹ “Inilah maksud ibarat tadi: Benih itu ialah firman Allah. ¹² Benih yang jatuh di tepi jalan itu menggambarkan mereka yang mendengar firman itu tetapi kemudian Iblis datang dan mengambil firman itu daripada hati mereka supaya mereka

tidak percaya dan diselamatkan. ¹³ Benih yang jatuh di tempat berbatu itu bermaksud mereka yang mendengar firman itu dan terus menerima firman itu dengan sukacita tetapi mereka tidak berakar. Mereka itu hanya percaya untuk seketika dan pada waktu dugaan, iman mereka pun luntur. ¹⁴ Benih yang jatuh di tengah-tengah semak duri itu ialah mereka yang telah mendengar firman itu, tetapi dalam hidup sehari-hari mereka terhimpit oleh kerunsingan dan kekayaan serta kesenangan hidup sehingga mereka tidak menghasilkan buah yang matang. ¹⁵ Benih yang ditabur di tanah yang baik bermaksud orang yang mendengar firman itu dan menyimpannya dalam hati yang tulus ikhlas lalu dengan usaha tekun dia mengeluarkan buah.”

Pelita di bawah pasu

¹⁶ “Tiada seorang pun memasang pelita lalu menutupinya dengan sebuah pasu atau meletakkannya di bawah katil. Tetapi dia meletakkannya di atas kaki pelita supaya orang yang masuk dapat melihat cahayanya.

¹⁷ Tiada sesuatu pun yang tersembunyi yang tidak didedahkan; tiada sesuatu rahsia pun yang tidak diketahui.

¹⁸ Oleh sebab itu, berhati-hatilah bagaimana kamu mendengar. Sesiapa yang mempunyai sesuatu akan diberi lebih banyak lagi; tetapi sesiapa yang tidak mempunyai sesuatu, sedikit yang disangka ada padanya pun akan diambil daripadanya.”

Ibu Yesus dan saudara-saudara-Nya

¹⁹ Ibu Yesus dan saudara-saudara-Nyaⁿ datang tetapi mereka tidak dapat bertemu dengan-Nya kerana kesesakan orang ramai. ²⁰ Yesus diberitahu, “Ibu dan saudara-saudara-Mu ada di luar dan hendak bertemu dengan-Mu.”

²¹ Yesus menjawab kepada mereka, “Ibu-Ku dan saudara-saudara-Ku ialah mereka yang mendengar firman Allah dan melaksanakannya.”

Yesus meredakan ribut

²² Pada suatu hari Yesus bersama murid-murid-Nya menaiki sebuah perahu. Yesus berkata kepada mereka, “Marilah kita pergi ke seberang tasik.” Lalu mereka bertolak. ²³ Ketika mereka sedang belayar, Yesus tertidur. Angin ribut bertiup ke tasik itu dan perahu itu pun dimasuki air sehingga mereka cemas. ²⁴ Para murid-Nya

ⁿ**8:19** Atau: Adik-beradik-Nya

8:18: Mat 25:29; Luk 19:26.

datang kepada Yesus dan membangunkan-Nya. Mereka berkata, “Tuan, Tuan, kita hampir karam!”

Yesus bangun lalu menegur angin dan ombak yang bergelora itu. Ribut itu pun berhenti dan segalanya tenang. ²⁵ Yesus berkata kepada mereka, “Di manakah kepercayaanmu?”

Mereka pun menjadi takut dan tercengang sambil berkata sesama sendiri, “Siapakah Dia ini sehingga angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya?”

Yesus menyembuhkan seorang yang dirasuk roh iblis

²⁶ Mereka belayar ke daerah Gerasa yang di seberang Galilea. ²⁷ Setelah Yesus mendarat, seorang lelaki dari bandar itu datang menemui-Nya. Orang itu telah dirasuk roh-roh iblis dan sudah lama dia tidak berpakaian. Dia tidak tinggal di rumahnya lagi tetapi di gua kubur. ²⁸ Ketika dia melihat Yesus, dia berteriak lalu sujud di hadapan-Nya dan berseru dengan suara keras, “Apa urusan-Mu dengan aku, ya Yesus, Anak Allah Yang Maha Tinggi? Aku minta janganlah seksa aku.” ²⁹ Dia berkata demikian kerana Yesus telah memerintah roh jahat itu keluar daripadanya. Dia sering kali dikuasai oleh roh jahat itu. Oleh sebab itu, dia dikawal ketat dan tangan serta kakinya

dirantai orang. Tetapi dia dapat memutuskan rantai itu dan dibawa oleh roh jahat ke padang gurun.

³⁰ Yesus bertanya kepadanya, “Siapakah namamu?”

Dia menjawab, “Legion” kerana dia telah dirasuk oleh ramai roh iblis. ³¹ Roh-roh iblis itu memohon kepada Yesus supaya tidak menghalau mereka ke neraka.

³² Kebetulananya, di bukit itu ada sekawan babi sedang makan. Roh-roh iblis itu memohon kepada Yesus supaya Dia membenarkan mereka masuk ke dalam babi-babi itu dan Yesus membenarkannya. ³³ Roh-roh iblis itu keluar daripada orang tadi dan masuk ke dalam babi. Kemudian kawanan babi itu menyerbu ke tempat curam dan terjun ke dalam tasik lalu mati lemas.

³⁴ Setelah penjaga-penjaga babi itu menyaksikan apa yang telah terjadi, mereka berlari untuk menyebarkan hal itu di bandar dan di kampung-kampung sekitarnya. ³⁵ Orang ramai pun keluar untuk melihat apa yang telah terjadi. Mereka datang kepada Yesus dan mendapati orang yang telah dibebaskan daripada roh-roh iblis itu duduk di kaki Yesus. Orang itu berpakaian dan sudah siuman. Oleh itu, mereka pun ketakutan. ³⁶ Orang yang telah menyaksikan kejadian itu menceritakan kepada

mereka bagaimana orang yang kerasukan roh iblis itu telah disembuhkan.³⁷ Lalu semua penduduk daerah Gerasa meminta Yesus supaya meninggalkan mereka kerana mereka ketakutan. Yesus pun menaiki perahu untuk pulang.

³⁸ Orang yang telah dibebaskan daripada roh-roh iblis itu meminta Yesus membenarkan dia mengikut bersama-Nya tetapi Yesus menyuruh dia pulang³⁹ dan berkata, “Pulanglah ke rumahmu dan khabarkanlah segala yang dilakukan Allah untukmu.” Orang itu pergi menyebarkan segala yang dilakukan Yesus untuknya di seluruh bandar itu.

Anak perempuan Yairus dan perempuan yang menyentuh jubah Yesus

⁴⁰ Sekembalinya Yesus ke seberang tasik, orang ramai pun menyambut-Nya kerana mereka menanti-nantikan-Nya.⁴¹ Seorang lelaki yang bernama Yairus, iaitu ketua saumaah^o datang kepada-Nya. Dia sujud pada kaki Yesus dan memohon kepada-Nya supaya datang ke rumahnya⁴² kerana anak perempuan tunggalnya yang berumur dua belas tahun hampir mati.

^o**8:41** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Semasa Yesus berjalan, orang ramai itu mengasak-Nya dari semua pihak. ⁴³ Di situ ada seorang wanita yang menghidap penyakit pendarahan selama dua belas tahun dan walaupun dia telah menghabiskan segala harta bendanya untuk mendapatkan rawatan daripada beberapa orang tabib, dia tidak dapat disembuhkan oleh sesiapa pun. ⁴⁴ Wanita itu mendekati Yesus dari belakang lalu menyentuh hujung jubah-Nya. Seketika itu juga, penyakit pendarahannya sembuh. ⁴⁵ Yesus berkata, “Siapakah yang menyentuh Aku?”

Apabila semua orang menafikannya, Petrus berkata, “Tuan, orang ramai ini menghimpit dan mengasak Tuan.”

⁴⁶ Tetapi Yesus berkata, “Ada orang menyentuh Aku kerana Aku tahu bahawa kuasa telah keluar daripada-Ku.” ⁴⁷ Apabila perempuan itu mengetahui perbuatannya tidak dapat disembunyikan, dia datang dengan gementar lalu sujud di hadapan Yesus dan menceritakan kepada-Nya di hadapan orang ramai itu sebabnya dia menyentuh Yesus serta bagaimana dia sembuh seketika itu juga. ⁴⁸ Yesus berkata kepadanya, “Anak-Ku, imanmu telah menyembuhkanmu. Pergilah dengan sejahtera.”

⁴⁹ Sementara Yesus masih berkata-kata, seorang utusan datang dari rumah ketua saumaah dan

berkata kepada ketua itu, “Anak perempuan tuan telah mati. Tidak usah menyusahkan Guru lagi.”

⁵⁰ Yesus mendengar ini dan berkata kepada ketua itu, “Jangan takut, percaya sahaja dan anakmu akan dipulihkan.”

⁵¹ Apabila tiba ke rumah itu, Yesus tidak membenarkan sesiapa pun masuk bersama-sama selain Petrus, Yohanes dan Yakobus serta ibu bapa budak itu. ⁵² Semua orang menangis dan meratapi kematian budak itu. Yesus berkata, “Janganlah menangis. Dia bukan mati, dia cuma tidur.”

⁵³ Mereka mentertawakan Yesus kerana mereka mengetahui anak itu telah mati. ⁵⁴ Tetapi Yesus memegang tangan budak itu dan berseru, “Anak-Ku, bangunlah!” ⁵⁵ Roh budak itu kembali dan dia bangun seketika itu juga. Lalu Yesus menyuruh mereka memberi budak itu makanan. ⁵⁶ Ibu bapanya kagum tetapi Yesus melarang mereka mengatakan apa-apa tentang kejadian itu kepada sesiapa pun.

Yesus mengutus dua belas murid-Nya

9 ¹ Yesus memanggil murid-Nya yang dua belas itu lalu memberi mereka kuasa dan perintah untuk mengusir segala roh iblis dan menyembuhkan berbagai-bagai penyakit. ² Dia mengutus mereka untuk mengkhabarkan

kerajaan Allah dan menyembuhkan orang sakit. ³ Yesus berkata kepada mereka, “Jangan kamu bawa apa jua pun dalam perjalananmu, baik tongkat, baik beg, baik makanan, baik wang mahupun dua helai pakaian. ⁴ Di rumah mana-mana pun kamu disambut, menetaplah di situ sehingga kamu beredar dari bandar itu. ⁵ Di mana-mana kamu tidak disambut, tinggalkan bandar itu dan kebasanlah debu daripada kakimu sebagai kesaksian terhadap mereka.” ⁶ Mereka pun berangkat lalu pergi dari kampung ke kampung untuk menyampaikan Injil dan menyembuhkan orang di mana-mana sahaja.

Kebingungan Herodes

⁷ Herodes, raja wilayah, mendengar segala perkara yang berlaku. Dia keliru kerana ada yang mengatakan bahawa Yohanes telah dibangkitkan daripada kematian, ⁸ ada yang berkata bahawa Elia telah muncul; ada juga yang berkata bahawa salah seorang nabi pada zaman dahulu telah hidup kembali. ⁹ Herodes berkata, “Yohanes itu telah kupancung kepalanya tetapi siapakah orang ini? Banyak perkara tentangnya telah aku

9:5: Kis 13:51; Luk 10:4-11.

9:7: Mat 16:14; Mrk 8:28; Luk 9:19.

dengar.” Oleh yang demikian, dia mencari jalan untuk menemui Yesus.

Yesus memberikan makanan kepada lima ribu orang

¹⁰ Setelah rasul-rasul itu kembali, mereka menceritakan kepada Yesus segala perkara yang telah dilakukan mereka. Yesus membawa mereka ke sebuah bandar yang bernama Betsaida.

¹¹ Tetapi orang ramai mendapat tahu akan hal itu lalu mengikut-Nya. Yesus menyambut mereka dan mengkhabarkan kerajaan Allah kepada mereka serta menyembuhkan orang yang memerlukan penyembuhan.

¹² Menjelang senja, dua belas murid itu datang kepada Yesus. Mereka berkata, “Suruhlah orang ramai ini pulang supaya mereka dapat pergi ke desa dan daerah di sekitar untuk mencari makanan dan penginapan kerana tempat ini terpencil.”

¹³ Yesus berkata kepada mereka, “Kamulah memberi mereka makanan.”

Murid-murid itu berkata lagi, “Kami hanya ada lima buku roti dan dua ekor ikan, melainkan kami pergi membeli makanan untuk orang ramai ini.”

¹⁴ Terdapat kira-kira lima ribu orang lelaki di situ.

Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Suruh mereka duduk berkelompok-kelompok, kira-kira lima puluh orang sekelompok.”

¹⁵ Murid-murid itu melakukan suruhan Yesus dan semua orang pun duduk. ¹⁶ Setelah mengambil lima buku roti dan dua ekor ikan itu, Dia menengadah ke langit dan mengucap syukur atas makanan itu. Kemudian Dia memecah-mecahkan roti itu dan menghulurkannya kepada murid-murid-Nya untuk diberikan kepada orang ramai. ¹⁷ Mereka semuanya makan sehingga kenyang. Para murid-Nya mengumpulkan lebihan makanan sebanyak dua belas bakul.

Pengakuan Petrus tentang Yesus

¹⁸ Pada suatu hari semasa Yesus berdoa bersendirian, murid-murid-Nya datang kepada-Nya. Yesus bertanya kepada mereka, “Mengikut orang ramai, siapakah Aku?”

¹⁹ Mereka menjawab, “Ada yang berkata Yohanes Pembaptis; ada yang berkata Elia; ada pula yang berkata salah seorang nabi telah hidup semula.”

²⁰ Yesus bertanya kepada mereka, “Apa kata kamu: Siapakah Aku pula?”

9:19: Mat 14:1,2; Mrk 6:14,15; Luk 9:7,8.

9:20: Yoh 6:68,69.

Petrus menjawab, “Kristus daripada Allah.”

Yesus menceritakan kisah penderitaan dan kematian-Nya

²¹ Dengan tegasnya Yesus melarang mereka memberitahu hal ini kepada sesiapa pun; ²² dan menambah, “Anak Manusia harus banyak menanggung kesengsaraan serta ditolak oleh para pemimpin masyarakat, ketua imam dan ahli Taurat. Dia akan dibunuh, tetapi tiga hari kemudian, Dia akan dibangkitkan semula.”

²³ Yesus berkata kepada semua, “Jika seseorang hendak mengikut-Ku, dia harus menyangkal dirinya,^p memikul salib setiap hari, dan mengikut-Ku. ²⁴ Sesiapa yang mahu memelihara nyawanya akan kehilangannya. Tetapi sesiapa yang mengorbankan nyawanya kerana Aku akan memeliharanya. ²⁵ Apakah untungnya kepada seseorang jika dia memiliki seluruh dunia tetapi dirinya sendiri kehilangan atau kerugian? ²⁶ Jika sesiapa malu mengakui Aku dan ajaran-Ku, Anak Manusia juga malu mengakui dia tatkala Dia datang kelak dengan kemuliaan-Nya sendiri,

P9:23 ‘Menyangkal dirinya’ juga diterjemahkan sebagai, ‘melupakan kepentingan dirinya.’

9:23: Mat 10:38; Luk 14:27.

9:24: Mat 10:39; Luk 17:33; Yoh 12:25.

dan dengan kemuliaan Bapa-Nya serta segala malaikat suci. ²⁷ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu ada beberapa orang di sini yang tidak akan menemui maut sebelum melihat kerajaan Allah.”

Yesus dipermulia

²⁸ Kira-kira lapan hari setelah Yesus mengatakan perkara tersebut, Dia membawa Petrus, Yohanes dan Yakobus menaiki bukit untuk berdoa.

²⁹ Semasa Yesus berdoa, wajah-Nya berubah dan pakaian-Nya menjadi putih berkilau-kilauan.

³⁰ Tiba-tiba dua orang, Musa dan Elia, muncul dan bercakap dengan Dia. ³¹ Mereka kelihatan bersinar-sinar dengan kemuliaan dan mereka bercakap dengan Yesus tentang kematian-Nya yang akan ditunaikan di Yerusalem. ³² Petrus dan teman-temannya tidur lena tetapi setelah terjaga, mereka melihat kemuliaan Yesus serta kedua-dua orang yang berdiri bersama-Nya.

³³ Apabila kedua-dua orang itu hendak meninggalkan Yesus, Petrus berkata kepada-Nya, “Tuan, baik sekali kami ada di sini. Biarlah kami dirikan tiga buah khemah: satu untuk Engkau, satu untuk Musa dan satu lagi untuk Elia.” Dia tidak tahu apa yang dikatakannya.

³⁴ Ketika Petrus berkata demikian, suatu awan meliputi mereka dan mereka ketakutan.

³⁵ Lalu kedengaran suara dari dalam awan itu mengatakan, “Inilah Anak-Ku yang Kupilih. Dengarlah kata-kata-Nya!”

³⁶ Setelah suara itu berhenti, Yesus kelihatan seorang sahaja. Murid-murid itu berdiam diri dan tidak menceritakan kepada sesiapa jua apa yang telah disaksikan oleh mereka itu.

Yesus menyembuhkan budak yang dirasuk roh iblis

³⁷ Pada keesokan harinya, mereka turun dari bukit itu dan orang ramai bertemu dengan Yesus.

³⁸ Seorang antaranya berseru, “Guru, tolonglah anakku kerana dia anak tunggalku. ³⁹ Dia dirasuk sesuatu roh lalu tiba-tiba dia berteriak dan tersentak-sentak sehingga mulutnya berbuih-buih. Roh itu mencederakannya dan tidak mahu melepaskannya. ⁴⁰ Aku telah memohon murid-murid-Mu supaya menghalau roh itu, tetapi mereka tidak dapat melakukannya.”

⁴¹ Yesus menjawab, “Hai angkatan yang tidak percaya dan sesat ini! Berapa lama lagikah Aku mesti ada bersamamu dan bersabar denganmu? Bawa anakmu itu ke mari.”

9:35: Yes 42:1; Mat 3:17; 12:18; Mrk 1:11; Luk 3:22.

9:35: 2Ptr 1:17,18.

⁴² Semasa dia datang, roh jahat itu mencampakkannya ke tanah lalu membuatnya tersentak-sentak. Tetapi Yesus memarahi roh jahat itu, lalu menyembuhkan budak itu dan menyerahkannya kepada bapanya. ⁴³ Semua orang tercengang menyaksikan keagungan Allah.

Yesus bercakap tentang kematian-Nya lagi

Sementara semua orang masih hairan akan segala yang dibuat oleh Yesus, Dia berkata kepada murid-murid-Nya, ⁴⁴ “Jangan lupa akan apa yang Aku katakan kepadamu ini: Anak Manusia akan diserahkan ke tangan manusia.” ⁴⁵ Mereka tidak mengetahui maksud kata-kata itu kerana tersembunyi daripada mereka supaya mereka tidak memahaminya. Mereka takut pula bertanya kepada Yesus tentang perkara itu.

Siapakah yang terbesar?

⁴⁶ Mereka bertengkar sesama sendiri tentang siapa antara mereka yang terbesar. ⁴⁷ Yesus mengetahui apa yang difikirkan mereka. Dia memanggil seorang kanak-kanak dan menyuruhnya berdiri di sisi-Nya. ⁴⁸ Yesus berkata, “Sesiapa yang menyambut kanak-kanak ini kerana Nama-Ku menyambut-Ku. Sesiapa

yang menyambut-Ku menyambut Dia yang mengutus-Ku. Sebabnya yang terkecil antara kamu semua ialah yang terbesar!”

Yang tidak melawan kamu berpihak kepada kamu

⁴⁹ Yohanes berkata, “Tuan, kami telah melihat seorang yang menghalau roh-roh iblis dengan menggunakan Nama-Mu, dan kami melarang dia kerana dia tidak termasuk dalam golongan kami.”

⁵⁰ Yesus berkata kepadanya, “Janganlah kamu larang dia. Orang yang tidak melawan kamu berpihak kepada kamu.”

Penduduk di sebuah kampung Samaria tidak menerima Yesus

⁵¹ Tatkala waktunya sudah dekat untuk Yesus diangkat ke syurga, Dia menetapkan hati-Nya untuk menuju ke Yerusalem. ⁵² Dia menyuruh beberapa utusan mendahului-Nya. Mereka pun masuk ke sebuah kampung orang Samaria untuk menyediakan tempat persinggahan bagi Yesus. ⁵³ Tetapi orang Samaria tidak menerima Yesus kerana Dia sedang menuju ke Yerusalem.

⁵⁴ Ketika Yakobus dan Yohanes, murid-murid Yesus melihat perkara ini, mereka berkata, “Tuan,

adakah Tuan mahu kami menyuruhkan api turun dari langit untuk membinasakan orang Samaria ini?"

⁵⁵ Yesus berpaling dan memarahi mereka.

⁵⁶ Lalu mereka pergi ke sebuah kampung yang lain.

Syarat-syarat menjadi murid Yesus

⁵⁷ Ketika mereka dalam perjalanan, seorang berkata kepada Yesus, "Aku sanggup mengikut-Mu ke mana-mana sahaja."

⁵⁸ Yesus berkata kepadanya, "Musang ada lubangnya dan burung di udara ada sarangnya tetapi Anak Manusia tidak ada tempat untuk meletakkan kepala-Nya." ⁵⁹ Lalu Dia berkata kepada seorang yang lain, "Ikutlah Aku."

Tetapi dia menjawab, "Tuhan, izinkanlah aku pulang dahulu untuk menguburkan jenazah bapaku."

⁶⁰ Yesus berkata kepadanya, "Biarlah orang mati menguburkan orang mati mereka; tetapi engkau pergilah mengkhabarkan kerajaan Allah."

⁶¹ Seorang lain pula berkata, "Aku hendak mengikut Tuan, tetapi biarlah aku pergi mengucapkan selamat tinggal kepada kaum keluargaku terlebih dahulu."

⁶² Yesus berkata kepadanya, “Tiada seorang pun yang mula membajak dan asyik menoleh ke belakang layak bagi kerajaan Allah.”

Yesus mengutus tujuh puluh orang pengikut

10¹ Setelah itu, Tuhan memilih tujuh puluh^q orang pengikut lain dan menyuruh mereka pergi berdua-dua mendahului-Nya ke setiap bandar dan tempat yang akan dikunjungi-Nya.
² Dia berkata kepada mereka, “Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir. Berdoalah dengan bersungguh-sungguh kepada Tuan yang empunya tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk menuai. ³ Pergilah! Dengarlah, Aku mengutus kamu seperti anak domba ke tengah-tengah serigala. ⁴ Janganlah bawa dompet atau beg atau kasut dan jangan berhenti di jalan untuk bersalam dengan sesiapa pun. ⁵ Apabila kamu masuk ke sesebuah rumah, kamu hendaklah terlebih dahulu mengucapkan ‘Sejahteralah seisi rumah ini.’ ⁶ Jika orang yang tinggal di rumah itu layak menerima sejahtera, salammu akan tetap padanya. Jika tidak, biarlah salammu itu kembali kepadamu. ⁷ Tinggallah

^q**10:1** Ada naskhah yang kuno tercatat tujuh puluh dua.

10:2: Mat 9:37,38. **10:3:** Mat 10:16.

10:7: 1Kor 9:14; 1Tim 5:18.

di rumah yang sama, makan dan minumlah apa sahaja yang dihidangkan, kerana seorang pekerja layak mendapat upah. Jangan berpindah dari rumah ke rumah. ⁸ Apabila kamu pergi ke sesebuah bandar dan kamu disambut, makanlah apa sahaja yang dihidangkan. ⁹ Sembuhkan orang sakit yang ada di situ dan berkata kepada mereka, 'Kerajaan Allah hampir tiba kepadamu.' ¹⁰ Apabila kamu pergi ke sesebuah bandar dan kamu tidak disambut, kamu hendaklah keluar ke jalan dan berkata, ¹¹ 'Debu bandarmu yang terlekat di kaki kami pun kami kebaskan sebagai bantahan terhadapmu. Tetapi ketahuilah bahawa kerajaan Allah hampir tiba.' ¹² Aku berkata kepadamu bahawa pada hari itu kelak, hukuman atas Sodom lebih ringan daripada atas bandar itu."

Malangnya bandar yang tidak percaya

¹³ "Malangnya kamu, hai Korazin! Malangnya kamu, hai Betsaida! Sekiranya mukjizat yang dilakukan dalam kalanganmu dilakukan di

10:10: Kis 13:51.

10:11: Mat 10:7-14; Mrk 6:8-11; Luk 9:3-5.

10:12 a: Kej 19:24-28; Mat 11:24; **b:** Mat 10:15.

10:13: Yes 23:1-18; Yeh 26:1—28:26; Yl 3:4-8; Am 1:9,10; Za 9:2-4.

Tirus dan Sidon, tentu sudah lama orang di situ bertaubat dengan memakai baju kabung dan membubuh abu di kepala. ¹⁴ Pada hari penghakiman itu, hukuman atas Tirus dan Sidon lebih ringan daripada atas kamu. ¹⁵ Hai Kapernaum, akankah dirimu ditinggikan sampai ke langit? Tidak, kamu akan dihumbankan ke neraka!”

¹⁶ “Sesiapa yang mendengar kata-katamu mendengar kata-kata-Ku; sesiapa yang menentangmu menentang-Ku; dan sesiapa yang menentang-Ku juga menentang Dia yang mengutus-Ku.”

Tujuh puluh orang pengikut itu kembali

¹⁷ Tujuh puluh orang pengikut itu kembali dengan sukacitanya dan berkata, “Ya Tuhan, demi nama-Mu segala roh iblis pun menurut perintah kami.”

¹⁸ Yesus berkata kepada mereka, “Aku melihat Iblis jatuh dari langit seperti kilat. ¹⁹ Aku telah memberimu kuasa untuk memijak ular dan kala jengking serta kuasa atas segala kekuatan musuh. Tiada apa-apa yang dapat mencederakan

10:15: Yes 14:13-15.

10:16: Mat 10:40; Mrk 9:37; Luk 9:48; Yoh 13:20.

10:19: Mzm 91:13.

kamu. ²⁰ Tetapi jangan kamu bersukacita kerana segala roh iblis menurut perintahmu tetapi bersukacitalah kerana namamu tercatat di syurga.”

Yesus bersukacita

²¹ Pada ketika itu, Yesus bersukacita dalam Roh Kudus lalu berkata, “Ya Bapa, Tuhan langit dan bumi! Aku bersyukur kepada-Mu, kerana apa yang Kaurahsiakan daripada cerdik pandai, Kautunjukkan kepada kanak-kanak kecil. Ya Bapa, memang inilah yang Engkau berkenan.

²² “Bapa-Ku telah menyerahkan segala-galanya kepada-Ku. Tiada yang mengenal Anak kecuali Bapa; dan tiada yang mengenal Bapa kecuali Anak serta orang yang terpilih Anak untuk menyatakan Bapa.”

²³ Yesus berpaling kepada murid-murid-Nya lalu berkata secara sulit, “Diberkatilah mata yang melihat segala perkara yang kamu lihat.

²⁴ Aku memberitahumu bahawa ramai nabi dan raja dahulu yang ingin melihat apa yang kamu lihat, tetapi tidak melihatnya serta ingin mendengar apa yang kamu dengar, tetapi tidak mendengarnya.”

Ibarat tentang seorang Samaria yang baik hati

²⁵ Seorang ahli Taurat datang dan cuba memerangkap Yesus. Dia bertanya, “Guru, apakah yang harus aku buat untuk mewarisi hidup yang kekal?”

²⁶ Yesus berkata, “Apakah yang tercatat dalam Taurat? Bagaimanakah kamu mentafsirnya?”

²⁷ Ahli Taurat itu menjawab, “ ‘Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh kekuatanmu dan dengan sepenuh fikiranmu serta mengasihi sesama manusia seperti dirimu sendiri.’ ”

²⁸ Yesus berkata kepadanya, “Betullah jawapanmu. Berbuatlah demikian dan kamu akan hidup.”

²⁹ Tetapi dia hendak membela dirinya lalu dia berkata kepada Yesus, “Siapakah sesama manusia itu?”

³⁰ Yesus menjawab, “Ada seorang dalam perjalanan dari Yerusalem ke Yerikho. Dia diserang oleh penyamun yang merompaknya dan membelasahnya sehingga setengah mati. ³¹ Kebetulanannya, seorang imam melalui jalan itu. Apabila dia melihat si malang itu,

10:25: Mat 22:35-40; Mrk 12:28-34.

10:27 a: Ul 6:5; **b:** Im 19:18. **10:28:** Im 18:5.

dia menyeberangi jalan dan meneruskan perjalanannya.³² Begitu juga seorang suku bangsa Lewi melalui tempat itu dan melihat si malang itu. Dia juga menyeberangi jalan dan meneruskan perjalanannya.³³ Akan tetapi, seorang bangsa Samaria juga lalu di tempat itu dalam perjalanannya. Dia melihat si malang itu dan hatinya dipenuhi dengan belas kasihan.³⁴ Dia menghampiri si malang itu lalu membersihkan luka-lukanya dengan air anggur dan minyak serta membalut luka itu. Kemudian, dia menaikkan si malang itu ke atas keldai tunggangannya dan membawanya ke rumah tumpangan untuk terus merawatnya di situ.³⁵ Pada keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keping wang dinar kepada tuan rumah tumpangan untuk perbelanjaan si malang itu sambil berkata, 'Jagalah dia dan sekiranya wang ini tidak cukup untuknya, aku akan membayarnya apabila aku datang kembali.' "

³⁶ Yesus berkata, "Antara tiga orang itu, siapakah pada pandangan kamu menjadi sesama manusia kepada orang yang dirompak oleh penyamun?"

³⁷ Ahli Taurat itu menjawab, "Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya." Yesus berkata, "Pergi dan berbuatlah sedemikian."

Yesus melawat Marta dan Maria

³⁸ Yesus dan murid-murid-Nya meneruskan perjalanan dan sampai di sebuah kampung. Seorang perempuan yang bernama Marta menyambut Dia ke rumahnya. ³⁹ Maria, adik Marta, duduk sahaja untuk mendengar pengajaran Tuhan ⁴⁰ tetapi Marta pula sibuk melayani mereka. Marta menghampiri Yesus dan berkata, “Tuhan, tidakkah Engkau peduli bahawa adikku membiarkan aku membuat semua kerja ini seorang diri? Suruhlah dia menolong aku.”

⁴¹ Tuhan menjawab, “Marta, Marta, engkau khuatir dan bersusah payah tentang banyak perkara. ⁴² Tetapi satu perkara sahaja yang diperlukan. Maria telah memilih perkara baik itu yang tidak akan diambil daripadanya.”

Pengajaran Yesus tentang doa

11 ¹ Yesus berdoa di suatu tempat dan setelah Dia berhenti, seorang daripada murid-Nya berkata, “Tuhan, ajarlah kami berdoa seperti Yohanes mengajar murid-muridnya.”

² Yesus berkata kepada mereka, “Apabila kamu berdoa, katakanlah:

‘Ya Bapa, Sucilah Nama-Mu;

Datanglah kerajaan-Mu;

³ Berilah kami makanan setiap hari;

⁴ Ampunkanlah dosa-dosa kami,

 sebagaimana kami mengampuni setiap

 orang yang bersalah terhadap kami;

janganlah biarkan kami tergoda.' ”

⁵ Yesus meneruskan kata-Nya, “Siapakah antara kamu yang akan pergi kepada sahabatnya pada

lewat malam lalu berkata kepadanya, ‘Hai

sahabat, pinjamilah aku tiga buku roti ⁶ kerana

seorang sahabatku telah singgah di rumahku

dalam perjalanannya dan aku tiada makanan

apa-apa untuk dihidangkan.’ ⁷ Sahabat itu

menjawab dari dalam rumahnya, ‘Janganlah

ganggu aku kerana pintu sudah dikunci dan

kami semua telah pun masuk tidur. Aku tidak

dapat bangun dan memberikan apa-apa.’

” ⁸ Yesus berkata, “Aku berkata kepadamu

bahawa sungguhpun, dia tidak mahu bangun

memberikan pinjaman itu kepadamu kerana

kamu sahabatnya, tetapi dia akan bangun juga

dan memberikan pinjaman seberapa banyak

yang kamu perlukan kalau kamu tidak segan

untuk terus meminta daripadanya. ⁹ Oleh itu,

Aku berkata kepadamu: Mintalah, dan kamu

akan menerimanya; carilah, dan kamu akan

mendapatnya; ketuklah pintu, dan pintu akan

dibuka untukmu. ¹⁰ Setiap orang yang meminta

akan menerima, setiap orang yang mencari akan mendapat; dan setiap orang yang mengetuk, pintu akan dibuka untuknya. ¹¹ Bapa yang manakah antara kamu akan memberikan ular kepada anaknya yang meminta ikan, ¹² atau memberikan kala jengking kalau dipintanya telur? ¹³ Kamu yang berdosa pun tahu memberikan yang baik kepada anakmu. Lebih-lebih lagi Bapamu yang di syurga: Dia akan memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta daripada-Nya!”

Yesus dan Beelzebul

¹⁴ Yesus menghalau roh iblis daripada seorang yang bisu. Setelah roh itu keluar, orang bisu itu pun mula bercakap. Orang ramai pun tercengang. ¹⁵ Tetapi ada orang yang berkata, “Dia menghalau roh-roh iblis dengan kuasa Beelzebul, ketua roh iblis.”

¹⁶ Orang lain menduga-Nya dengan meminta suatu tanda dari syurga. ¹⁷ Yesus mengetahui isi hati mereka lalu berkata, “Kerajaan yang berpecah belah tidak akan tahan lama, dan keluarga yang berpecah belah akan hancur. ¹⁸ Jika Iblis berpecah belah sesama sendiri,

11:15: Mat 9:34; 10:25.

11:16: Mat 12:38; 16:1; Mrk 8:11.

bagaimanakah kerajaannya dapat bertahan? Kamu berkata bahawa Aku menghalau roh-roh iblis dengan kuasa Beelzebul. ¹⁹ Tetapi jika Aku menghalau roh-roh iblis dengan kuasa Beelzebul, maka dengan kuasa siapakah pula pengikut-pengikutmu menghalau roh-roh iblis? Oleh itu, merekalah yang akan menjadi hakimmu. ²⁰ Tetapi jika Aku menghalau roh-roh iblis dengan kuasa Allah, maka sesungguhnya kerajaan Allah sudah bertapak dalam kalanganmu.

²¹ Apabila seorang yang gagah dan bersenjata lengkap mengawal rumahnya, harta bendanya selamat; ²² tetapi apabila seorang yang lebih gagah menyerang dan mengalahkannya, yang lebih gagah itu akan merampas segala senjata yang diperlukan oleh tuan rumah itu lalu membahagikan harta yang dirampasnya.

²³ “Orang yang tidak berpihak kepada-Ku menentang-Ku; dan orang yang tidak mengumpulkan bersama-Ku menceraiberaikan.”

Roh jahat kembali

²⁴ “Apabila roh jahat keluar daripada seseorang, roh itu akan menjelajahi kawasan yang tandus untuk mencari tempat berehat. Sekiranya tempat

itu tidak ditemukannya, roh itu berkata, 'Aku akan pulang ke rumah yang telah kutinggalkan.'

²⁵ Roh itu pun pulang dan mendapati rumah itu bersih dan kemas. ²⁶ Roh itu lalu pergi memanggil tujuh roh lain yang lebih durjana daripadanya. Semuanya memasuki tubuh orang itu dan menetap di situ. Akhirnya keadaan orang itu lebih teruk daripada dahulu."

Kebahagiaan yang sejati

²⁷ Setelah Yesus berkata demikian, seorang perempuan antara orang ramai itu berkata, "Diberkatilah perempuan yang melahirkan dan menyusui Engkau."

²⁸ Tetapi Yesus berkata, "Bahkan lebih diberkati lagi orang yang mendengar firman Allah dan mematuhinya."

Meminta mukjizat dilakukan

²⁹ Semasa orang ramai mengerumuni Yesus, Dia berkata, "Betapa durjananya orang zaman ini! Mereka meminta tanda mukjizat daripada Allah tetapi satu tanda pun tidak akan ditunjukkan kecuali tanda Yunus ³⁰ kerana seperti Yunus telah menjadi tanda kepada orang Niniwe, demikian juga Anak Manusia menjadi tanda kepada orang

zaman ini. ³¹ Pada hari penghakiman, Ratu Syeba dari Selatan akan bangkit bersama orang dari zaman ini dan menuduh mereka pula, kerana dia telah datang dari hujung bumi untuk mendengar hikmah Raja Salomo; dan sekarang di sini ada yang lebih besar daripada Raja Salomo. ³² Pada hari penghakiman, orang Niniwe akan bangkit bersama orang zaman ini dan menuduhnya pula kerana orang Niniwe itu bertaubat apabila mendengar perkhabaran Yunus; dan sekarang di sini ada yang lebih besar daripada Yunus.”

Pelita bagi tubuh

³³ “Tiada seorang pun yang memasang pelita lalu menyorokkannya di tempat tersembunyi atau di bawah pasu. Sebaliknya, dia meletakkannya di atas kaki pelita supaya orang yang masuk dapat melihat cahayanya. ³⁴ Matamu ialah pelita tubuhmu. Jika matamu terang, seluruh tubuhmu penuh dengan cahaya. Tetapi jika matamu kabur, seluruh tubuhmu pun menjadi gelap. ³⁵ Oleh itu, berjaga-jagalah supaya cahaya dalammu itu tidak menjadi gelap. ³⁶ Jika seluruh tubuhmu itu terang tanpa sebarang bahagian yang gelap, seluruh

11:31: 1Raj 10:1-10; 2Taw 9:1-12. **11:32:** Yun 3:5.

11:33: Mat 5:15; Mrk 4:21; Luk 8:16.

tubuhmu akan terang-benderang seperti sebuah pelita menerangi kamu dengan cahayanya.”

Yesus mengecam orang Farisi dan ahli Taurat

³⁷ Setelah Yesus habis bercakap, seorang Farisi menjemput Dia makan di rumahnya. Yesus pun pergi lalu duduk bertelekan di meja. ³⁸ Orang Farisi itu hairan apabila melihat Yesus tidak membasuh tangan-Nya sebelum makan. ³⁹ Oleh itu, Tuhan berkata kepadanya, “Kamu orang Farisi mencuci bahagian luar pinggan mangkuk, tetapi kamu penuh dengan ketamakan dan kezaliman dalam hatimu. ⁴⁰ Hai orang yang bodoh! Bukankah Dia yang menjadikan bahagian luar juga menjadikan bahagian dalam? ⁴¹ Berikanlah makanan yang ada di dalam pinggan mangkuk itu kepada orang miskin dan segala-galanya akan menjadi bersih bagimu.

⁴² Malangnya kamu, orang Farisi! Kamu membayar sepersepuluh daripada selasih, inggu dan herba lain kepada Allah, tetapi kamu mengabaikan keadilan dan kasih kepada Allah. Kamu haruslah membayar sepersepuluh itu tanpa mengabaikan perkara-perkara yang lain.

⁴³ Malangnya kamu orang Farisi! Kamu suka duduk di kerusi khas di saumaah^r dan diberi salam hormat di pasar. ⁴⁴ Malangnya kamu! Kamu umpama kubur-kubur yang tidak bernisan, yang dipijak-pijak tanpa disedari oleh orang yang berjalan di atasnya.”

⁴⁵ Seorang daripada ahli Taurat berkata kepada Yesus, “Guru menghina kami juga apabila Guru berkata sedemikian.”

⁴⁶ Yesus berkata, “Malangnya kamu ahli-ahli Taurat, kerana kamu meletakkan beban yang berat ke atas bahu orang lain, tetapi kamu sendiri tidak menghulurkan satu jari pun untuk menolong mereka memikul beban itu.

⁴⁷ Malangnya kamu! Kamu membina makam untuk nabi-nabi yang telah dibunuh oleh nenek moyangmu. ⁴⁸ Oleh itu, kamu menyetujui perbuatan nenek moyangmu itu; kerana mereka telah membunuh nabi-nabi itu tetapi kamu membina makam mereka pula. ⁴⁹ Dengan itu, kebijaksanaan Allah telah mengatakan, ‘Aku mengutus nabi-nabi dan rasul-rasul kepada mereka, yang sesetengahnya akan dibunuh atau dianiayai oleh mereka.’ ⁵⁰ Jadi, orang zaman ini akan dihukum atas pembunuhan semua nabi

^r**11:43** Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

sejak dunia dicipta, ⁵¹ iaitu dari pembunuhan Habel hingga pembunuhan Zakharia di antara mazbah dengan rumah ibadat.⁵ Ya, Aku berkata kepadamu bahawa orang zaman ini akan dihukum atas pembunuhan semua nabi itu.

⁵² Malangnya kamu, ahli-ahli Taurat! Kunci ilmu telah kamu ambil; kamu sendiri tidak mahu masuk tetapi kamu menghalang orang yang memasukinya.”

⁵³ Setelah Yesus keluar dari rumah itu, ahli-ahli Taurat dan orang Farisi mula mengecam Dia. Mereka menanya-Nya tentang banyak perkara, ⁵⁴ dan cuba memerangkap Dia dengan mencari kesalahan dalam sesuatu yang dikatakan-Nya.

Amaran tentang kemunafikan

12 ¹ Oleh sebab tidak terkira ramainya orang berkerumun, mereka pijak-memijak sesama sendiri. Yesus pun berkata, terutamanya kepada murid-murid-Nya, “Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi, iaitu sifat munafik. ² Tiada sesuatu pun yang tersembunyi tidak akan dinyatakan, dan tiada sesuatu rahsia pun yang tidak akan didedahkan. ³ Apa sahaja yang

⁵**11:51** Atau: Rumah Tuhan.

11:51 a: Kej 4:8; **b:** 2Taw 24:20,21.

12:1: Mat 16:6; Mrk 8:15. **12:2:** Mrk 4:22; Luk 8:17.

kamu katakan secara rahsia akan didengar secara terang-terang, dan apa yang kamu bisikkan di dalam bilik tertutup akan diumumkan dari atas bumbung.”

Takut akan Allah

⁴ “Aku berkata kepadamu, hai sahabat-sahabat-Ku, jangan takut akan mereka yang dapat membunuh jasad dan kemudian tidak berkuasa lagi terhadapmu. ⁵ Aku menyatakan siapa yang harus kamu takuti: Takutlah akan Dia yang setelah memusnahkan jasad, berkuasa pula membuangmu ke dalam neraka. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu supaya takut akan Dia!

⁶ Bukankah lima ekor burung pipit dijual orang dengan harga dua syiling sahaja? Namun tidak seekor pun dilupakan Allah. ⁷ Malahan setiap helai rambut di kepalamu telah dihitung. Oleh itu, usahlah takut; kamu lebih berharga daripada banyak burung pipit.”

⁸ “Aku berkata kepadamu bahawa sesiapa yang mengakui Aku di hadapan manusia akan diakui oleh Anak Manusia di hadapan malaikat-malaikat Allah. ⁹ Sesiapa yang menyangkal Aku di hadapan manusia akan disangkal di hadapan malaikat-malaikat Allah.

¹⁰ Sesiapa yang menentang Anak Manusia dengan kata-katanya dapat diampuni, tetapi mereka yang menghina Roh Kudus tidak dapat diampuni.

¹¹ Apabila orang membawa kamu untuk didakwa di majlis saumaah^t atau di hadapan pemerintah atau pihak berkuasa, janganlah kamu khuatir bagaimana kamu harus membela diri atau apa yang harus kamu katakan, ¹² kerana pada waktu itu Roh Kudus akan mengajar kamu apa yang harus kamu katakan.”

Ibarat tentang orang kaya yang bodoh

¹³ Seorang daripada orang ramai itu berkata, “Guru, suruh abang aku membahagikan warisan denganku.”

¹⁴ Yesus menjawab, “Saudara, siapakah yang menjadikan Aku hakim atau pembahagi warisan kepada kamu?” ¹⁵ Yesus terus menambah, “Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki.”

^t**12:11** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

12:10: Mat 12:32; Mrk 3:29.

12:11: Mat 10:19,20; Mrk 13:11; Luk 21:14,15.

¹⁶ Lalu Dia pun menceritakan kepada mereka satu ibarat: “Seorang kaya mempunyai tanah yang mengeluarkan hasil yang banyak. ¹⁷ Dia berfikir dalam hatinya, ‘Apakah yang harus aku buat? Tiada lagi tempat untuk menyimpan hasil tanahku.’ ¹⁸ Dia berkata, ‘Baiklah aku berbuat begini. Aku akan meruntuhkan gudang-gudangku dan membina yang lebih besar. Di situlah aku akan menyimpan segala gandum dan harta bendaku. ¹⁹ Aku akan berkata kepada diriku, engkau mempunyai harta yang banyak untuk keperluanmu selama bertahun-tahun. Nikmatilah hidup. Makan minum dan bersuka rialah.’ ²⁰ Tetapi Allah berfirman kepadanya, ‘Engkau bodoh! Pada malam ini juga, jiwamu akan dituntut kembali daripadamu. Lalu harta benda yang telah kaukumpulkan itu akan menjadi hak siapa?’ ”

²¹ “Demikianlah halnya orang yang menyimpan harta benda untuk dirinya tetapi tidak kaya pada pandangan Allah.”

Kepercayaan kepada Allah

²² Yesus berkata kepada murid-murid-Nya: “Oleh itu, Aku berkata kepadamu: Janganlah khuatir tentang hidupmu, tentang apa yang kamu makan atau minum, atau tentang tubuhmu, dan tentang apa yang akan kamu pakai. ²³ Hidup

lebih daripada makanan, dan tubuh lebih daripada pakaian. ²⁴ Perhatikanlah burung gagak yang tidak menyemai atau menuai, tidak mempunyai gudang atau rengkiang, tetapi Allah memberinya makan. Kamu jauh lebih bernilai daripada burung-burung itu! ²⁵ Siapakah dalam kalanganmu yang dapat melanjutkan usianya sedikit pun dengan menaruh kluatir? ²⁶ Jika kamu tidak dapat membuat perkara yang sekecil ini, mengapakah kamu kluatir tentang hal-hal yang lain? ²⁷ Lihatlah bunga bakung, yang tidak bekerja atau bertenun. Namun demikian, Aku berkata kepadamu: Raja Salomo dengan segala kemegahannya pun tidak berpakaian seindah bunga itu. ²⁸ Jika Allah menghiasi rumput di padang, yang wujud hari ini dan esoknya dibakar di dapur, tidakkah Allah akan lebih-lebih lagi memberimu pakaian? Begitu tipis kepercayaanmu!

²⁹ Jadi, janganlah kamu utamakan makanan dan minuman serta janganlah runsing. ³⁰ Bangsa-bangsa di dunia yang tidak mengenal Allah mengutamakan perkara-perkara ini, tetapi Bapamu mengetahui kamu memerlukan semua itu. ³¹ Sebaliknya, utamakanlah kerajaan Allah dan semuanya itu akan diberikan kepadamu.”

³² “Janganlah takut, hai kawanank kecil,^u kerana Bapamu berkenan hendak memberikan kerajaan-Nya kepadamu. ³³ Juallah hartamu dan berikanlah wang itu kepada orang miskin. Sediakanlah bagi dirimu dompet yang tidak akan usang dan simpanlah kekayaanmu di syurga yang tidak dapat dimasuki oleh pencuri atau dirosakkan oleh gegat. ³⁴ Kerana di mana hartamu terkumpul, di situlah hatimu tertumpu.”

Hamba yang berjaga-jaga

³⁵ “Kamu hendaklah bersiap sedia dengan pelitamu terpasang. ³⁶ Kamu hendaklah seperti orang yang menantikan kepulangan tuan mereka dari jamuan perkahwinan. Apabila tuan mereka pulang dan mengetuk pintu, mereka akan membuka pintu itu dengan serta-merta. ³⁷ Diberkatilah hamba-hamba yang didapati berjaga-jaga oleh tuan mereka ketika dia pulang. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, tuan itu akan menyuruh mereka duduk bertelean di meja dan dia sendiri akan melayan mereka. ³⁸ Diberkatilah hamba-hamba itu jika tuan itu pulang baik pada tengah malam ataupun sebelum fajar menyingsing dan mendapati

^u**12:32** Atau: Golongan kecil.

12:35: Mat 25:1-13. **12:36:** Mrk 13:34-36.

mereka bersiap sedia. ³⁹ Tetapi ketahuilah kamu bahawa sekiranya tuan rumah mengetahui masa pencuri akan datang, dia tidak akan membiarkan rumahnya dipecah masuk. ⁴⁰ Oleh itu, kamu hendaklah bersedia kerana Anak Manusia akan datang pada suatu masa yang tidak kamu sangka.”

Hamba yang setia dan hamba yang derhaka

⁴¹ Petrus bertanya, “Tuhan, adakah Engkau beritahu ibarat ini kepada kami atau kepada semua orang?”

⁴² Tuhan menjawab, “Siapakah hamba^v yang setia dan bijaksana? Dialah yang diamanahkan oleh tuannya untuk mengurus rumah tangganya dan memberikan makanan kepada hamba-hamba yang lain pada waktunya. ⁴³ Diberkatilah hamba itu jika dia didapati menjalankan tugas pada waktu tuannya kembali. ⁴⁴ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, tuan itu akan mengamanahkan segala harta bendanya kepada hamba itu. ⁴⁵ Tetapi jika hamba itu berfikir dalam hatinya, ‘Tuan akan pulang lambat,’ lalu dia mula memukul hamba-hamba lelaki dan perempuan dan makan minum sehingga mabuk. ⁴⁶ Kemudian

^v**12:42** Atau: Pengurus.

12:39: Mat 24:43,44.

tuan hamba itu akan kembali pada hari yang tidak disangkanya dan pada waktu yang tidak diketahuinya. Dia akan membunuh hamba itu dan menempatkannya bersama orang yang tidak setia.

⁴⁷ Seorang hamba yang mengetahui kehendak tuannya tetapi tidak bersedia serta tidak melakukannya, akan disebat dengan teruk.

⁴⁸ Tetapi hamba yang tidak mengetahui kehendak tuannya, sekalipun melakukan perkara yang patut dihukum sebat, akan dihukum dengan ringan sahaja. Kerana sesiapa yang diberikan banyak, banyak pula akan dituntut daripadanya. Semakin banyak yang diamanahkan kepada seseorang, semakin banyak pula yang akan dituntut daripadanya.”

Yesus menyebabkan perpecahan

⁴⁹ “Aku datang untuk melontarkan api ke bumi dan betapa inginnya Aku api itu telah menyala!

⁵⁰ Aku harus mengalami suatu baptisan dan betapa resahnya hati-Ku selagi perkara itu belum selesai. ⁵¹ Adakah pada sangkaanmu, Aku datang untuk membawa damai di dunia? Aku berkata kepadamu, bukan perdamaian melainkan perpecahan! ⁵² Mulai sekarang, lima

orang dalam sebuah keluarga akan berpecah, tiga melawan dua dan dua melawan tiga. ⁵³ Bapa melawan anak lelakinya dan anak lelaki melawan bapanya, ibu melawan anak perempuannya dan anak perempuan melawan ibunya, ibu mertua melawan menantu perempuannya serta menantu perempuan melawan ibu mertuanya.”

Memahami tanda zaman ini

⁵⁴ Yesus berkata kepada orang ramai itu, “Apabila kamu melihat awan naik dari barat, kamu akan berkata, ‘Hari mahu hujan,’ dan begitulah berlakunya. ⁵⁵ Apabila kamu melihat adanya angin selatan bertiup, kamu berkata, ‘Hari akan panas terik,’ dan begitulah berlakunya. ⁵⁶ Hai munafik! Kamu dapat meramalkan cuaca dengan melihat tanda di langit dan bumi, tetapi mengapakah kamu tidak memahami tanda-tanda zaman ini?”

Berdamailah dengan musuh

⁵⁷ “Mengapakah kamu sendiri tidak dapat menentukan apa yang benar? ⁵⁸ Apabila engkau berjalan menuju ke mahkamah bersama orang yang mendakwamu, berusaha untuk berdamai dengan dia sewaktu dalam perjalanan

agar dia tidak mengheretmu kepada hakim dan hakim menyerahkanmu kepada pegawai yang akan memasukkanmu ke dalam penjara. ⁵⁹ Aku berkata kepadamu bahawa kamu akan meringkuk di dalam penjara hingga kamu menjelaskan semua bayaran.”

Bertaubat atau binasa

13 ¹ Pada masa itu beberapa orang datang memberitahu Yesus tentang orang Galilea yang dibunuh oleh Pilatus semasa mereka sedang mempersembahkan korban kepada Allah. ² Yesus berkata, “Adakah kamu menganggap orang Galilea itu lebih berdosa daripada semua penduduk Galilea yang lain kerana mereka menderita sengsara yang sedemikian? ³ Aku berkata kepadamu bukan begitu; tetapi jika kamu tidak bertaubat daripada dosamu, kamu akan binasa sedemikian juga. ⁴ Bagaimanakah pula dengan lapan belas orang yang mati ditimpa oleh menara di Siloam? Adakah mereka lebih bersalah daripada semua penduduk lain di kota Yerusalem? ⁵ Aku berkata kepadamu bukan begitu; tetapi jika kamu tidak bertaubat, kamu semua akan binasa sedemikian juga.”

Ibarat tentang pokok ara yang tidak berbuah

⁶ Yesus menceritakan suatu ibarat. “Seorang telah menanam pokok ara di kebun buah-buahannya. Dia datang mencari buahnya, tetapi tidak dijumpai. ⁷ Dia berkata kepada tukang kebun, ‘Tengoklah, sudah tiga tahun aku datang mencari buah daripada pokok ara ini, tetapi tidak juga didapati. Tebangkanlah pokok ini! Apa gunanya terus menghabiskan kesuburan tanah?’ ⁸ Tukang kebun menjawab, ‘Tuan, biarkan pokok ini tumbuh setahun lagi. Aku akan mencangkul tanah di sekelilingnya dan membubuh baja. ⁹ Kalau pokok ini berbuah, baiklah! Kalau tidak, tuan boleh menebangnya.’ ”

Yesus menyembuhkan seorang perempuan bongkok

¹⁰ Pada hari Sabat Yesus mengajar di salah sebuah saumaah^w. ¹¹ Di situ ada seorang perempuan yang dirasuk oleh sesuatu roh yang melemahkannya selama lapan belas tahun. Belakangnya bongkok lipat dua dan dia tidak dapat berdiri tegak. ¹² Apabila Yesus nampak perempuan itu, Dia memanggilnya dan berkata,

^w**13:10,14** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

“Sembuhlah daripada penyakitmu.”¹³ Lalu Yesus meletakkan tangan-Nya pada perempuan itu. Seketika itu juga, dia berdiri tegak dan memuji Allah.

¹⁴ Tetapi ketua saumaah itu marah kerana Yesus telah menyembuhkan orang pada hari Sabat. Lalu dia berkata kepada orang ramai, “Dalam seminggu ada enam hari yang dibenarkan untuk bekerja. Jadi, datanglah untuk disembuhkan pada salah satu hari itu dan bukannya pada hari Sabat.”

¹⁵ Tuhan menjawab, “Kamu munafik! Bukankah kamu masing-masing melepaskan lembu atau keldaimu dari kandang untuk dibawa pergi minum pada hari Sabat?”¹⁶ Sekarang perempuan daripada keturunan Abraham ini telah dibelenggu oleh Iblis selama lapan belas tahun, tidak haruskah dia dibebaskan daripada belenggunya pada hari Sabat?”¹⁷ Jawapan Yesus memalukan semua musuh-Nya tetapi orang ramai bersukacita kerana segala perkara mulia yang dilakukan oleh Yesus.

Ibarat tentang biji sesawi dan ragi

¹⁸ Yesus berkata, “Serupa apakah kerajaan Allah dan dengan apakah dapat Aku bandingkannya?”

¹⁹ Kerajaan Allah seumpama biji sesawi yang dibawa oleh seseorang dan ditabur di dalam kebunnya. Benih itu tumbuh dan menjadi pokok lalu burung di udara membuat sarang pada dahan-dahannya.”

²⁰ Yesus berkata lagi, “Dengan apakah dapat Aku bandingkan kerajaan Allah? ²¹ Kerajaan Allah seumpama ragi yang diambil seorang perempuan dan dicampurkan dengan tiga sukat tepung sehingga seluruh adunannya naik.”

Pintu yang sempit

²² Dalam perjalanan ke Yerusalem, Yesus melalui beberapa buah kota dan kampung sambil mengajar. ²³ Seorang bertanya kepada-Nya, “Tuan, adakah segelintir sahaja yang akan diselamatkan?”

Yesus menjawab, ²⁴ “Berusahalah untuk memasuki pintu yang sempit. Aku berkata kepadamu bahawa ramai orang akan mencari jalan masuk, tetapi mereka tidak mendapatinya. ²⁵ Tuan rumah akan bangun dan menguncikan pintu ketika kamu berdiri di luar mengetuk pintu sambil berkata, ‘Tuan, tuan, bukalah pintu.’ Tetapi dia akan menjawab, ‘Aku tidak tahu dari mana kamu datang.’ ²⁶ Kemudian kamu akan berkata, ‘Kami telah makan dan minum bersama

tuan, dan tuan mengajar di kota kami.’²⁷ Tetapi tuan itu akan berkata, ‘Aku tidak tahu dari mana kamu datang. Nyahlah kamu dari sini, kamu semua penjahat!’²⁸ Di tempat itu akan terdapat ratapan dan kertakan gigi apabila kamu melihat Abraham, Ishak dan Yakub bersama semua nabi dalam kerajaan Allah, tetapi kamu diusir keluar.²⁹ Orang akan datang dari timur dan barat, dari utara serta selatan untuk duduk bertelekan di meja menikmati jamuan dalam kerajaan Allah.³⁰ Sesungguhnya, ada orang yang terakhir akan menjadi yang terdahulu, dan ada orang yang terdahulu akan menjadi yang terakhir.”

Keluhan Yesus terhadap Yerusalem

³¹ Pada masa itu beberapa orang Farisi datang kepada Yesus dan berkata, “Pergilah dari sini ke tempat yang lain. Herodes hendak membunuh-Mu.”

³² Yesus menjawab, “Pergilah beritahu si musang, ‘Pada hari ini dan esok Aku menghalau roh-roh iblis serta menyembuhkan orang tetapi pada hari ketiga Aku akan menyelesaikan tugas-Ku.’³³ Namun demikian, Aku harus meneruskan perjalanan pada hari ini, esok dan

13:27: Mzm 6:8. **13:28:** Mat 22:13; 25:30.

13:30: Mat 19:30; 20:16; Mrk 10:31.

lusa. Seorang nabi tidak dibunuh di tempat lain kecuali di Yerusalem.

³⁴ Yerusalem, Yerusalem! Kamu membunuh nabi dan merejam utusan Allah. Sudah berapa kali Aku ingin mengumpul anak-anakmu seperti seekor ibu ayam mengumpul anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi kamu tidak mahu.

³⁵ Sekarang rumahmu akan ditinggalkan sama sekali. Aku berkata kepadamu, kamu tidak akan melihat Aku sehingga kamu berkata, ‘Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan!’ ”

Yesus menyembuhkan seorang yang sakit

14 ¹ Pada hari Sabat Yesus pergi makan di rumah seorang Farisi yang terkemuka. Orang terus memerhatikan Yesus dengan teliti.

² Dan di situ seorang lelaki yang sakit busung berada di hadapan Yesus ³ Kemudian Yesus bertanya kepada ahli-ahli Taurat dan orang Farisi, “Adakah Taurat membenarkan orang disembuhkan pada hari Sabat atau tidak?”

⁴ Tetapi mereka diam sahaja. Lalu Yesus memanggil orang itu dan menyembuhkannya serta menyuruhnya pulang. ⁵ Kemudian Yesus berkata kepada mereka, “Jika anakmu atau keldaimu jatuh ke dalam perigi pada hari Sabat,

siapakah antara kamu yang tidak menariknya keluar dengan serta-merta?”

⁶ Mereka tidak dapat memberikan jawapan tentang perkara itu.

Murah hati dan rendah hati

⁷ Ketika Yesus melihat bagaimana tetamu memilih tempat duduk yang terbaik dalam jamuan itu, Dia mengatakan suatu ibarat kepada mereka: ⁸ “Apabila kamu dijemput orang ke majlis perkahwinan, janganlah duduk di tempat yang terbaik. Mungkin seorang yang lebih penting daripada kamu telah dijemput, ⁹ dan tuan rumah akan datang dan berkata kepadamu, ‘Berikanlah tempatmu kepada orang ini.’ Lalu dengan malu sahaja kamu berpindah ke tempat yang paling belakang. ¹⁰ Oleh itu, apabila kamu dijemput orang, pergilah duduk di tempat yang paling belakang supaya tuan rumah datang dan berkata kepadamu, ‘Kawan, silakanlah ke tempat yang lebih baik.’ Dengan itu, kamu mendapat penghormatan di hadapan semua orang jemputan itu. ¹¹ Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan dan yang merendahkan diri akan ditinggikan.”

¹² Kemudian Yesus berkata kepada tuan rumah, “Apabila mengadakan suatu majlis makan tengah hari atau malam, janganlah jemput sahabat-sahabatmu atau adik-beradikmu atau sanak saudaramu atau jiran tetanggamu yang kaya kerana mereka akan menjemputmu pula dan itulah sahaja balasan atas perbuatanmu. ¹³ Apabila mengadakan suatu jamuan, jemputlah orang miskin, orang kudung, orang tempang dan orang buta. ¹⁴ Diberkatilah kamu kelak kerana mereka tidak dapat membalas jemputanmu, tetapi kamu akan dianugerahi Allah pada hari kebangkitan orang yang benar daripada kematian.”

Ibarat tentang jamuan besar

¹⁵ Salah seorang jemputan itu mendengar kata-kata Yesus lalu berkata, “Diberkatilah orang yang akan dijamu dalam kerajaan Allah.”

¹⁶ Yesus berkata kepadanya: “Ada seorang yang mengadakan jamuan besar dan dia menjemput ramai orang. ¹⁷ Apabila tiba masanya, dia menyuruh hambanya pergi memberitahu para jemputannya, ‘Silakanlah, kerana semuanya siap sedia.’ ¹⁸ Tetapi masing-masing mula berdalih. Yang pertama berkata, ‘Aku telah membeli sebuah ladang dan aku harus pergi ke sana. Aku minta maaf.’ ¹⁹ Seorang yang lain berkata,

‘Aku telah membeli lima pasang lembu dan harus pergi mencuba lembu-lembu itu. Aku minta maaf.’²⁰ Seorang yang lain lagi berkata, ‘Aku baru berkahwin. Oleh itu, aku tidak dapat datang.’²¹ Hamba itu pulang dan memberitahu tuannya hal ini. Tuan rumah itu sangat marah dan menyuruh hambanya, ‘Pergilah dengan segera ke jalan-jalan dan lorong-lorong kota dan bawalah orang miskin, orang kudung, orang buta dan orang tempang ke mari.’²² Hamba itu berkata, ‘Tuan, apa yang tuan suruh telah dilakukan tetapi masih ada tempat lagi.’²³ Tuan rumah berkata kepada hambanya, ‘Pergilah ke jalan-jalan raya dan lorong-lorong di luar kota serta suruh orang datang supaya rumahku penuh.’²⁴ Aku berkata kepadamu bahawa tiada seorang pun antara mereka yang telah dijemput itu, akan menikmati jamuanku ini.’ ”

Pengorbanan menjadi murid Yesus

²⁵ Orang ramai sedang mengiringi Yesus apabila Dia berpaling dan berkata kepada mereka: ²⁶ “Jika seseorang datang kepada-Ku dan dia lebih mengasihi ibu bapanya, isterinya, anak-anaknya, adik-beradiknya dan nyawanya,

dia tidak boleh menjadi murid-Ku. ²⁷ Sesiapa yang tidak memikul salibnya dan mengikut-Ku tidak boleh menjadi murid-Ku. ²⁸ Jika seseorang antara kamu ingin membina sebuah menara, dia akan terlebih dahulu duduk dan menganggarkan perbelanjaannya untuk memastikan sama ada dia mempunyai wang yang cukup untuk menyiapkan pembinaan itu. ²⁹ Jika dia sudah meletakkan asas menara itu, tetapi tidak dapat menyiapkan pembinaannya, semua orang yang melihat hal itu akan mengejeknya. ³⁰ 'Orang ini telah memulakan pembinaan itu, tetapi tidak dapat pula menyiapkannya.' ³¹ Jika seorang raja yang mempunyai sepuluh ribu orang askar hendak keluar berperang dengan raja lain yang membawa dua puluh ribu orang askar untuk menyerangnya, dia akan mempertimbangkan dahulu sama ada dia cukup kuat untuk menentang raja tersebut. ³² Kalau dia tidak dapat berbuat demikian, dia akan memerintah utusan-utusannya untuk bertanyakan syarat-syarat perdamaian semasa musuhnya masih jauh lagi. ³³ Begitu juga sesiapa antara kamu yang tidak meninggalkan segala miliknya, tidak boleh menjadi murid-Ku."

³⁴ “Garam itu baik tetapi jika menjadi tawar, bagaimanakah garam itu dapat dimasinkan semula? ³⁵ Garam itu tidak berguna untuk menyuburkan tanah atau dijadikan baja kecuali dibuang sahaja. Sesiapa yang bertelinga, dengarlah.”

Domba yang hilang

15 ¹ Pada suatu hari semua pemungut cukai dan orang yang berdosa datang mendengar Yesus. ² Orang Farisi dan ahli-ahli Taurat bersungut-sungut, “Orang ini menyambut orang berdosa dan makan bersama mereka.” ³ Yesus pun mengatakan ibarat ini kepada mereka.

⁴ “Jika seorang antara kamu mempunyai seratus ekor domba lalu kehilangan seekor, apakah yang akan dilakukannya? Dia akan meninggalkan sembilan puluh sembilan ekor domba di padang lalu pergi mencari domba yang hilang itu sehingga ditemukannya. ⁵ Setelah dia menemukannya, dia memikul domba itu di atas bahunya. ⁶ Setibanya di rumah, dia memanggil sahabat-sahabat dan jiran tetangganya lalu berkata, ‘Bergembiralah dengan aku kerana aku telah menemukan domba aku yang hilang itu.’

⁷ Aku berkata kepadamu bahawa begitu jugalah kegembiraan di syurga kerana seorang yang berdosa bertaubat lebih daripada kegembiraan ke atas sembilan puluh sembilan orang yang benar yang tidak perlu bertaubat.”

Wang yang hilang

⁸ “Atau seandainya seorang perempuan yang mempunyai sepuluh keping wang perak kehilangan sekeping, apakah yang akan dilakukannya? Dia akan memasang pelita lalu menyapu rumah dan mencari dengan cermat sehingga dia menemukannya kembali. ⁹ Setelah itu, dia memanggil sahabat-sahabat dan jiran tetangganya dan berkata, ‘Bergembiralah dengan aku kerana aku telah menemukan sekeping wang yang hilang itu.’ ¹⁰ Aku berkata kepadamu bahawa malaikat-malaikat Allah bergembira kerana seorang yang berdosa bertaubat.”

Anak lelaki yang hilang

¹¹ Yesus berkata seterusnya: “Ada seorang yang mempunyai dua orang anak lelaki. ¹² Anak bongsu berkata kepada bapanya, ‘Ayah, berilah aku sekarang bahagian harta yang akan menjadi pusakaku.’ Lalu bapa itu membahagikan hartanya kepada kedua-dua anaknya itu. ¹³ Tidak lama kemudian, yang bongsu itu menjual hartanya

dan merantau ke negeri yang jauh. Di situ dia memboroskan wangnya dengan hidup berfoya-foya. ¹⁴ Setelah dia menghabiskan kesemua wangnya, suatu kebuluran yang teruk berlaku di negeri itu dan dia dalam keadaan serba kekurangan. ¹⁵ Dia pergi bekerja dengan seorang penduduk negeri itu dan disuruh menjaga babi di ladangnya. ¹⁶ Dia ingin mengisi perutnya dengan sekam kacang yang dimakan oleh babi tetapi tiada seorang pun yang memberikan apa-apa kepadanya. ¹⁷ Akhirnya, dia sedar dan berkata, 'Semua orang gaji bapaku dapat makan sehingga kenyang, tetapi aku ini hampir mati kelaparan! ¹⁸ Aku hendak kembali kepada bapaku, dan aku akan berkata kepadanya: Ayah, aku telah berbuat dosa kepada syurga dan kepada ayah. ¹⁹ Aku tidak layak disebut sebagai anak ayah. Jadikanlah aku ini sebagai salah seorang gaji ayah.' ²⁰ Dia pun kembali kepada bapanya.

Semasa dia masih jauh lagi, bapanya nampak dia. Hatinya penuh dengan belas kasihan dan dia berlari menemuinya. Bapanya memeluk dan menciumnya. ²¹ Anak itu berkata kepada bapanya, 'Ayah, aku telah berbuat dosa kepada syurga dan kepada ayah. Aku tidak layak disebut anak ayah.' ²² Bapa itu menyuruh hamba-hambanya, 'Segeralah ambil pakaian yang terbaik dan pakaikanlah kepada anakku.

Sarungkan sebetuk cincin pada jarinya dan pakaikan kasut pada kakinya. ²³ Pilihlah dan sembelihlah anak lembu yang tambun, dan marilah kita mengadakan jamuan dan bersuka ria; ²⁴ kerana anakku ini telah mati dan hidup kembali; dia telah hilang dan ditemukan kembali.' Lalu mereka mula bersuka ria.

²⁵ Pada masa itu anak sulung bekerja di ladang. Apabila dia pulang ke rumah, dia terdengar bunyi muzik dan orang menari-nari. ²⁶ Dia memanggil seorang hamba lalu bertanya, 'Apakah yang sedang berlaku ini?' ²⁷ Hamba itu menjawab, 'Adik tuan telah pulang dan bapa tuan telah menyembelih anak lembu yang tambun kerana adik tuan pulang dengan selamatnya.' ²⁸ Anak sulung itu sangat marah sehingga dia tidak mahu masuk ke dalam rumah. Ayahnya keluar lalu memujuk dia. ²⁹ Anak sulung itu berkata, 'Tengoklah, bertahun-tahun aku bekerja untuk ayah. Aku tidak pernah melanggar perintah ayah. Tetapi ayah tidak pernah memberikan seekor anak kambing pun kepada aku supaya aku dapat bersuka ria dengan sahabat-sahabatku. ³⁰ Namun sepulangnya anak ayah ini yang telah memboroskan harta ayah dengan perempuan-perempuan sundal, ayah menyembelih anak lembu yang tambun untuknya!' ³¹ Bapa itu berkata kepadanya, 'Anakku, engkau ini sentiasa

bersama ayah, dan segala milik ayah ialah milikmu. ³² Kita patut bersuka ria kerana adikmu ini telah mati dan hidup kembali; dia telah sesat dan ditemukan kembali.’ ”

Pengurus yang cerdik

16 ¹ Yesus berkata kepada murid-murid-Nya: “Seorang kaya mempunyai seorang pengurus untuk harta bendanya. Dia diberitahu bahawa pengurus itu memboroskan wang tuannya. ² Tuan itu memanggil pengurus itu lalu berkata, ‘Apakah yang telah kudengar tentangmu? Serahkanlah kira-kira yang lengkap bagi semua hartaku kerana kamu tidak boleh menjadi pengurus lagi.’ ³ Pengurus itu berkata kepada dirinya, ‘Apakah yang harus aku buat? Tuan aku hendak memecatku. Aku tidak kuat untuk mencangkul dan aku malu meminta sedekah. ⁴ Aku tahu apa yang harus aku buat supaya apabila aku dipecat nanti daripada jawatan pengurus itu, aku ada ramai sahabat yang akan menerimaku ke rumah mereka.’ ⁵ Dia pun memanggil semua orang yang berhutang kepada tuannya. Dia berkata kepada orang yang pertama, ‘Berapakah hutangmu kepada tuan aku?’ ⁶ Orang itu menjawab, ‘Seratus tong minyak zaitun.’ Pengurus itu berkata, ‘Inilah kira-kiramu. Duduk dan tulislah lima puluh.’ ⁷ Dia

berkata kepada seorang yang lain, 'Berapakah hutangmu pula?' Orang itu menjawab, 'Seratus pikul gandum.' Pengurus itu berkata, 'Inilah kira-kiramu. Tulislah lapan puluh.'⁸ Tuan itu memuji pengurus yang tidak jujur itu kerana perbuatannya yang cerdik. Orang di dunia ini lebih cerdik menguruskan pekerjaan mereka daripada orang yang hidup dalam cahaya."

⁹ Aku berkata kepadamu supaya menggunakan kekayaan dunia untuk mendapat sahabat bagi dirimu. Apabila kekayaanmu lenyap, kamu akan disambut ke tempat kediaman yang kekal.¹⁰ Orang yang setia dalam perkara yang kecil akan setia juga dalam perkara yang besar; dan orang yang tidak setia dalam perkara yang kecil tidak akan setia dalam perkara yang besar.¹¹ Oleh itu, jika kamu tidak setia dalam kekayaan dunia ini, siapakah yang akan mengamanahkan kekayaan yang sejati kepadamu?¹² Dan jika kamu tidak setia dengan milik orang lain, siapakah pula yang akan memberimu apa yang menjadi milik kamu sendiri?

¹³ "Seorang hamba tidak mungkin mengabdikan diri kepada dua orang tuan. Dia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain; atau akan setia kepada yang seorang dan mencela yang

lain. Demikianlah, kamu tidak dapat menjadi hamba Allah dan juga hamba kekayaan.”

¹⁴ Orang Farisi yang mendengar kata-kata Yesus mengejek-Nya kerana mereka loba akan wang.

¹⁵ Yesus berkata kepada mereka, “Kamulah orang yang membela diri di hadapan khalayak ramai, tetapi Allah mengetahui isi hatimu. Apa yang dianggap berharga oleh manusia tidak ada nilainya di mata Allah.

Beberapa ajaran Yesus

¹⁶ Sebenarnya, hukum Taurat dan kitab segala nabi berkuat kuasa sehingga zaman Yohanes. Semenjak itu, perkhabaran baik tentang kerajaan Allah diberitakan, dan orang beresak-asak hendak memasukinya. ¹⁷ Tetapi lebih mudah lenyapnya langit dan bumi daripada hilangnya sepatah kata pun hukum Taurat.

¹⁸ Sesiapa menceraikan isterinya dan berkahwin dengan perempuan lain, dia berzina dan sesiapa berkahwin dengan seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya, dia berzina.”

16:16: Mat 11:12,13. **16:17:** Mat 5:18.

16:18: Mat 5:32; 1Kor 7:10,11.

Orang kaya dan Lazarus

¹⁹ “Ada seorang kaya yang berpakaian linen ungu yang mahal dan hidup mewah setiap hari.

²⁰ Ada pula seorang peminta sedekah bernama Lazarus yang penuh dengan pekung. Dia selalu dibawa ke muka pintu rumah orang kaya itu.

²¹ Dia ingin mendapat sisa-sisa makanan yang dibuang dari meja orang kaya itu. Anjing pula datang menjilat pekung-pekungnya. ²² Peminta sedekah itu mati dan malaikat-malaikat membawanya ke sisi Abraham di syurga.

Orang kaya itu pun mati lalu dikebumikan.

²³ Dia menderita di alam maut. Apabila dia memandang ke atas, dia nampak Abraham jauh di sana dan Lazarus di sisinya. ²⁴ Dia berseru, ‘Bapa Abraham, kasihanilah aku dan suruh Lazarus datang mencelupkan jarinya di dalam air untuk menyejukkan lidahku kerana aku sengsara di dalam nyala api ini.’ ²⁵ Tetapi Abraham

berkata, ‘Anakku, ingatlah bahawa engkau telah menikmati yang baik dalam hidupmu, tetapi Lazarus mengalami kesengsaraan. Sekarang Lazarus senang di sini tetapi engkau menderita.

²⁶ Selain itu, terdapat satu jurang yang dalam antara kami dengan kamu supaya orang yang hendak menyeberang dari sini kepada kamu tidak dapat berbuat demikian, dan orang dari sana

tidak dapat menyeberang kepada kami.’²⁷ Orang kaya itu berkata, ‘Jika begitu, aku memohon, ya bapa, suruh Lazarus ke rumah ayahku²⁸ kerana aku mempunyai lima adik-beradik lelaki. Biarlah Lazarus pergi memberikan amaran kepada mereka supaya mereka tidak datang ke tempat sengsara ini.’²⁹ Abraham berkata, ‘Mereka ada kitab Musa dan nabi-nabi. Biarlah mereka mendengar pengajaran itu.’³⁰ Orang kaya itu berkata, ‘Itu tidak cukup, Bapa Abraham. Jika seorang antara orang mati pergi kepada mereka, tentu mereka akan bertaubat daripada dosa-dosa mereka.’³¹ Tetapi Abraham berkata, ‘Jika mereka tidak mahu mendengar pengajaran kitab Musa dan nabi-nabi, mereka tidak akan percaya sekalipun seorang bangkit daripada kematian.’ ”

Dosa, iman dan kewajipan seorang hamba

17¹ Yesus berkata kepada murid-murid-Nya: “Hal yang membuat orang melakukan dosa memang ada, tetapi malangnya bagi orang yang menyebabkan hal-hal itu berlaku.² Lebih baiklah baginya jika batu kisar diikatkan pada lehernya dan dia dibuang ke dalam laut, daripada

dia menyebabkan seorang daripada kanak-kanak kecil ini berdosa. ³ Berwaspadalah!

Jika saudaramu telah berbuat dosa terhadapmu, tegurlah dia dan jika dia bertaubat, ampunilah dia. ⁴ Jika dia berdosa sebanyak tujuh kali terhadapmu dalam sehari dan setiap kali dia datang kepadamu serta berkata, 'Aku bertaubat,' kamu hendaklah mengampuninya."

⁵ Rasul-rasul itu berkata kepada Tuhan, "Kuatkanlah iman kami."

⁶ Tuhan menjawab, "Jika kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu akan dapat berkata kepada pokok ara ini, 'Tercabutlah akar-akarmu dan tertanamlah kamu di laut,' dan pokok ara akan menurut perintahmu."

⁷ "Jika salah seorang kamu mempunyai hamba yang membajak atau menggembalakan domba, siapakah antara kamu akan berkata kepadanya sewaktu dia pulang dari ladang, 'Marilah segera dan duduklah untuk makan'? ⁸ Bukankah kamu akan berkata kepadanya, 'Hidangkan makanan dan bersedia untuk melayan aku semasa aku makan. Selepas itu, barulah kamu makan'?"

⁹ Adakah dia mengucapkan terima kasih kepada hamba itu kerana dia menurut perintah?"

¹⁰ Begitu juga dengan kamu. Apabila kamu telah

berbuat segala yang diperintahkan kepadamu, kamu hendaklah berkata, 'Kami ini hamba yang tidak layak menerima apa-apa; kami cuma menjalankan kewajiban kami.' ”

Yesus menyembuhkan sepuluh orang berpenyakit kusta

¹¹ Dalam perjalanan Yesus ke Yerusalem, Dia melalui sempadan Samaria dan Galilea.

¹² Apabila Dia memasuki sebuah kampung, sepuluh orang berpenyakit kusta datang bertemu dengan-Nya. Mereka berdiri jauh sedikit daripada Yesus ¹³ dan berseru kepada-Nya, “Ya Yesus, ya Tuan, kasihanilah kami!”

¹⁴ Apabila Yesus melihat mereka, Dia berkata kepada mereka, “Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada imam-imam.” Dalam perjalanan, mereka pun menjadi tahir.

¹⁵ Seorang daripada mereka ketika melihat dirinya sembuh, kembali dan memuji Allah dengan suara yang kuat. ¹⁶ Dia sujud pada kaki Yesus dan mengucapkan terima kasih. Dia seorang Samaria. ¹⁷ Yesus bertanya, “Bukankah sepuluh orang telah ditahirkan? Di manakah sembilan orang lagi? ¹⁸ Tiadakah seorang pun didapati kembali untuk memberikan pujian

kepada Allah kecuali orang bangsa asing ini?

¹⁹ Yesus pun berkata kepadanya, “Bangunlah dan pergi. Imanmu telah menyembuhkan kamu.”

Kedatangan kerajaan Allah

²⁰ Terdapat beberapa orang Farisi bertanya kepada Yesus bila kerajaan Allah akan datang dan Yesus menjawab, “Kerajaan Allah tidak datang dengan tanda-tanda yang dapat dilihat.

²¹ Tiada orang akan berkata, ‘Lihatlah di sini!’ atau ‘Lihatlah di sana!’ kerana kerajaan Allah sebenarnya ada di dalam kamu.”

²² Kemudian Yesus berkata kepada murid-murid-Nya: “Masanya akan datang apabila kamu ingin melihat salah satu hari Anak Manusia, tetapi kamu tidak dapat melihatnya.

²³ Orang akan berkata kepadamu, ‘Lihat di situ!’ atau ‘Lihat di sini!’ Tetapi janganlah kamu pergi atau mengikutnya. ²⁴ Seperti kilat memancar dari sebelah kaki langit ke sebelah yang lain, demikianlah juga halnya Anak Manusia pada hari-Nya kelak. ²⁵ Tetapi terlebih dahulu Dia akan mengalami banyak penderitaan dan Dia tidak akan diterima oleh orang zaman ini. ²⁶ Sebagaimana yang berlaku pada zaman Nuh, demikianlah kelak pada

zaman Anak Manusia. ²⁷ Mereka makan minum, berkahwin dan dikahwinkan hinggalah waktu Nuh masuk ke bahtera, lalu banjir melanda dan membinasakan mereka semua. ²⁸ Demikian juga yang berlaku pada zaman Lut. Mereka makan dan minum, berjual beli, bercucuk tanam dan mendirikan rumah. ²⁹ Pada hari Lut keluar dari Sodom, api dan belerang turun dari langit dan membinasakan mereka semua. ³⁰ Begitulah yang berlaku kelak pada hari Anak Manusia menunjukkan diri-Nya.

³¹ Pada hari itu orang yang di atas bumbung, janganlah dia turun untuk mengambil barang di dalam rumah. Demikian juga janganlah orang di ladang pulang ke rumahnya. ³² Ingatlah akan isteri Lut! ³³ Sesiapa yang cuba memelihara nyawanya akan kehilangannya, tetapi sesiapa yang sanggup mengorbankan nyawanya akan menyelamatkannya. ³⁴ Aku berkata kepadamu bahawa pada malam itu dua orang berbaring di atas katil. Seorang dibawa pergi dan seorang ditinggalkan. ³⁵ Dua orang perempuan bersama-sama mengisar gandum. Seorang akan dibawa dan seorang lagi ditinggalkan. ³⁶ Dua orang lelaki

17:27: Kej 7:6-24. **17:28:** Kej 18:20—19:25.

17:31: Mat 24:17,18; Mrk 13:15,16. **17:32:** Kej 19:26.

17:33: Mat 10:39; 16:25; Mrk 8:35; Luk 9:24; Yoh 12:25.

bekerja di ladang. Seorang akan dibawa dan seorang lagi ditinggalkan.”

³⁷ Mereka bertanya kepada Yesus, “Di manakah, ya Tuhan?”

Yesus menjawab, “Di mana ada bangkai, di situlah berkerumunnya burung nasar.”

Ibarat tentang seorang balu dan seorang hakim

18 ¹ Kemudian Yesus menceritakan ibarat ini untuk mengajar mereka bahwa mereka harus sentiasa berdoa dan tidak putus asa. ² Yesus berkata, “Di dalam sebuah kota ada seorang hakim yang tidak takut akan Allah atau mempedulikan sesiapa. ³ Di kota itu juga ada seorang balu yang kerap kali datang kepada hakim itu untuk menuntut keadilan terhadap lawannya. ⁴ Sekian lama hakim itu menolak tuntutananya, tetapi akhirnya dia berkata dalam hatinya, ‘Walaupun aku tidak takut akan Allah dan tidak pedulikan sesiapa pun, ⁵ tetapi disebabkan balu ini terus mengganggu aku, biarlah aku mengadili tuntutananya. Jika tidak, dia akan terus-menerus datang dan mengganggu aku!’ ”

⁶ Tuhan menambah, “Dengarlah apa yang dikatakan oleh hakim yang tidak adil itu. ⁷ Tidakkah Allah akan membela umat pilihan-Nya yang berseru kepada-Nya siang

dan malam? Adakah Dia akan bertanggung untuk melaksanakan keadilan bagi mereka?⁸ Aku berkata kepadamu bahawa Allah akan melaksanakan keadilan bagi mereka dengan segera. Tetapi, apabila Anak Manusia datang, adakah Dia akan menjumpai iman di bumi ini?”

Ibarat tentang orang Farisi dan pemungut cukai

⁹ Yesus juga menceritakan ibarat ini kepada orang yang menganggap diri mereka sebagai orang yang benar dan menghina orang lain:
¹⁰ “Dua orang masuk ke dalam Bait Suci untuk berdoa. Seorang daripadanya orang Farisi dan seorang lagi pemungut cukai. ¹¹ Orang Farisi itu berdiri dan berdoa dalam hatinya: ‘Ya Allah, aku mengucap syukur kepada-Mu kerana aku tidak tamak, menipu atau berzina seperti orang lain. Aku bersyukur kepada-Mu kerana aku tidak seperti pemungut cukai ini. ¹² Aku berpuasa dua kali seminggu dan mempersembahkan sepersepuluh daripada semua pendapatanku.’
¹³ Akan tetapi, pemungut cukai itu berdiri jauh sedikit, tidak berani menengadiah ke langit melainkan menebah dada sambil berkata, ‘Ya Allah, kasihanilah hamba, orang berdosa ini.’ ” ¹⁴ “Aku berkata kepadamu bahawa

pemungut cukai ini pulang ke rumahnya dengan diperkenankan Allah tetapi orang Farisi itu tidak. Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan.”

Yesus memberkati kanak-kanak

¹⁵ Orang membawa anak mereka kepada Yesus supaya Dia memberkati mereka. Tetapi apabila murid-murid Yesus melihat hal ini, mereka menegur orang itu. ¹⁶ Namun Yesus memanggil kanak-kanak itu datang kepada-Nya lalu Dia berkata, “Biarkan kanak-kanak kecil itu datang kepada-Ku. Jangan larang mereka kerana orang yang seperti itulah yang empunya kerajaan Allah. ¹⁷ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang tidak menerima kerajaan Allah seperti seorang anak kecil, tidak akan masuk ke dalamnya.”

Seorang yang kaya

¹⁸ Seorang pemimpin bangsa Yahudi bertanya kepada Yesus, “Ya Guru yang baik, apakah yang harus aku buat untuk mewarisi hidup yang kekal?”

¹⁹ Yesus menjawab, “Mengapa kamu mengatakan Aku baik? Tiada siapa yang

baik kecuali Allah. ²⁰ Engkau mengetahui perintah-perintah Allah: ‘Jangan berzina, jangan membunuh, jangan mencuri, jangan memberi kesaksian palsu, hormatilah ibu bapamu.’ ”

²¹ Orang itu berkata, “Semua ini telah kutaati dari usia muda lagi.”

²² Apabila Yesus mendengar ini, Dia berkata kepadanya, “Masih ada satu kekuranganmu. Jual segala hartamu dan berdermalah kepada orang miskin. Engkau akan mendapat harta di syurga. Kemudian, datanglah dan ikut Aku.” ²³ Tetapi apabila pemimpin itu mendengar demikian, dia menjadi sangat sedih kerana dia seorang yang amat kaya.

²⁴ Yesus nampak kesedihannya lalu berkata, “Alangkah susahnyanya bagi orang kaya memasuki kerajaan Allah! ²⁵ Lebih mudah seekor unta memasuki lubang jarum daripada seorang kaya memasuki kerajaan Allah.”

²⁶ Orang yang mendengar-Nya berkata, “Kalau begitu, siapakah yang dapat diselamatkan?”

²⁷ Yesus menjawab, “Apa yang mustahil bagi manusia itu tidak mustahil bagi Allah.”

²⁸ Petrus berkata, “Kami telah meninggalkan segala-gala milik kami untuk mengikut-Mu.”

²⁹ Yesus berkata kepada mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang telah meninggalkan rumah, atau isteri, atau saudara lelaki, atau ibu bapa, atau anak-anak demi kerajaan Allah ³⁰ akan menerima ganjaran berlipat ganda pada masa ini, dan pada kemudian hari, hidup kekal.”

Kali ketiga Yesus berkata tentang kematian-Nya

³¹ Yesus membawa dua belas murid-Nya ke tepi dan berkata kepada mereka, “Kita akan pergi ke Yerusalem dan segala yang tersurat dalam kitab-kitab nabi tentang Anak Manusia akan berlaku di sana. ³² Dia akan diserahkan ke tangan bangsa asing. Dia akan diejek dan dimaki serta diludahi orang. Mereka akan menyebat Dia dan membunuh-Nya. ³³ Pada hari yang ketiga Dia akan bangkit semula.”

³⁴ Tetapi murid-murid-Nya tidak mengerti sepatah kata pun. Maksud kata-kata ini dirahsiakan daripada mereka. Mereka tidak memahami apa yang dikatakan oleh Yesus.

Yesus menyembuhkan seorang pengemis yang buta

³⁵ Ketika Yesus menghampiri kota Yerikho, ada seorang buta yang duduk di tepi jalan meminta sedekah. ³⁶ Apabila dia mendengar bunyi orang

ramai lalu, dia bertanya, “Apakah yang sedang berlaku?”

³⁷ Orang memberitahu dia bahawa Yesus, orang Nazaret, sedang lalu.

³⁸ Dia pun berseru, “Yesus, Anak Daud, kasihanilah aku!”

³⁹ Orang yang di hadapannya memarahinya dan menyuruhnya diam, tetapi dia semakin kuat berseru, “Anak Daud, kasihanilah aku!”

⁴⁰ Yesus berhenti dan menyuruh orang membawa dia kepada-Nya. Lalu tanya Yesus apabila dia mendekati-Nya, ⁴¹ “Apa yang kamu mahu Kubuat untukmu?”

Jawab orang itu, “Tuhan, aku ingin melihat.”

⁴² Yesus berkata kepadanya, “Terimalah penglihatanmu kembali, imanmu telah menyembuhkanmu.”

⁴³ Serta-merta, orang itu dapat melihat lalu mengikut Yesus sambil memuji Allah. Semua orang yang menyaksikan kejadian ini memuji Allah.

Yesus dengan Zakheus

19 ¹ Yesus meneruskan perjalanan ke Yerikho dan melalui kota itu. ² Di situ ada seorang yang bernama Zakheus. Dia ketua pemungut cukai dan sangat kaya. ³ Dia cuba hendak melihat siapa Yesus itu, tetapi tidak dapat berbuat

demikian kerana orang terlalu ramai dan dia pendek orangnya. ⁴ Dia pun berlari mendahului mereka lalu memanjat pokok ara untuk melihat Yesus yang akan melalui jalan itu. ⁵ Apabila Yesus sampai ke tempat itu, Dia mendongak ke atas lalu berkata kepadanya, “Zakheus, turunlah dengan segera kerana pada hari ini Aku harus menumpang di rumahmu.”

⁶ Zakheus turun dengan segera dan menyambut Yesus dengan sukacitanya. ⁷ Semua orang yang melihat hal ini bersungut-sungut, “Dia hendak menumpang di rumah orang yang berdosa pula!”

⁸ Tetapi Zakheus berdiri dan berkata kepada Tuhan, “Tuhan, sekarang ini juga aku hendak memberikan separuh hartaku kepada orang miskin, dan jika aku telah menipu sesiapa, aku akan membayarnya kembali empat kali ganda.”

⁹ Yesus berkata kepadanya, “Pada hari ini juga penyelamatan telah datang kepada seisi rumah^x ini kerana kamu juga seorang keturunan^y Abraham. ¹⁰ Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang hilang.^z”

^x**19:9** Atau: Seluruh keluarga.

^y**19:9** Harfiah: Anak.

^z**19:10** Atau: Orang yang sesat.

19:10: Mat 18:11.

Ibarat tentang kepingan wang mina

¹¹ Yesus menceritakan sebuah ibarat kepada mereka yang mendengar-Nya. Dia kini telah hampir tiba di Yerusalem dan mereka menyangka bahawa kerajaan Allah akan menjadi nyata tidak lama lagi. ¹² Jadi, Yesus berkata: “Seorang bangsawan telah berangkat ke negeri jauh untuk dilantik menjadi raja dan akan kembali. ¹³ Terlebih dahulu dia memanggil sepuluh orang hambanya, lalu memberi mereka sepuluh mina dan berkata kepada mereka, ‘Uruskanlah wang ini sehingga aku pulang.’ ¹⁴ Tetapi rakyat negeri itu membencinya dan menyuruh utusan-utusan untuk memberitahunya, ‘Kami tidak mahu orang ini menjadi raja kami.’

¹⁵ Setelah dia menjadi raja, dia kembali dan memerintah hamba-hamba yang telah diberi wang emas datang menghadapnya dengan segera. Dia ingin mengetahui jumlah keuntungan dalam perniagaan masing-masing. ¹⁶ Yang pertama menghadap dan berkata, ‘Tuan, satu mina tuan itu telah menjadi sepuluh mina.’ ¹⁷ Tuan itu berkata kepadanya, ‘Bagus sekali, hamba yang baik. Oleh sebab engkau telah setia dalam perkara kecil ini, aku akan menjadikan engkau penguasa sepuluh buah kota.’ ¹⁸ Yang kedua menghadap dan berkata, ‘Tuan, satu

mina tuan itu telah menjadi lima mina.’¹⁹ Tuan itu berkata kepadanya, ‘Engkau akan menjadi penguasa lima buah kota.’²⁰ Seorang hamba lagi menghadap dan berkata, ‘Tuan inilah mina tuan yang telah aku simpan di dalam sehelai kain.’²¹ Aku takut akan tuan kerana tuan seorang yang keras hati. Tuan mengambil apa yang bukan milik tuan, dan menuai apa yang tidak tuan taburkan.’²² Tuan itu berkata, ‘Hamba yang zalim! Aku akan menghukum engkau mengikut kata-katamu sendiri. Engkau mengetahui aku ini seorang yang keras hati, mengambil barang yang bukan milikku dan menuai apa yang tidak aku taburkan.’²³ Jadi, mengapakah engkau tidak memasukkan wang itu ke dalam tabung? Kemudian, setelah aku kembali, dapatlah aku ambil wang itu dengan faedahnya.’²⁴ Lalu tuan itu berkata kepada orang yang berdiri di situ, ‘Ambillah mina itu daripadanya dan berikannya kepada orang yang mempunyai sepuluh mina itu.’²⁵ Mereka pun berkata kepadanya, ‘Tuan, dia sudah ada sepuluh mina.’²⁶ Jawabnya, ‘Setiap orang yang mempunyai sesuatu akan diberi lebih banyak, sebaliknya orang yang tidak mempunyai sesuatu, apa yang ada padanya akan diambil daripadanya.

²⁷ Sekarang, bawalah ke mari seteru-seteruku yang tidak mahu aku menjadi raja mereka. Bunuhlah mereka di hadapanku.’ ”

Yesus masuk ke Yerusalem

²⁸ Setelah Yesus berkata demikian, Dia pun berjalan mendahului mereka menuju ke Yerusalem. ²⁹ Apabila Dia berhampiran Betfage dan Betania, yang terletak di bukit bernama Bukit Zaitun, Dia mengutus dua orang murid-Nya, ³⁰ kata-Nya, “Pergilah ke kampung di hadapan itu. Apabila kamu masuk, kamu akan mendapati seekor anak keldai yang belum pernah ditunggang, tertambat di situ. Lepaskannya dan bawa ke sini. ³¹ Jika ada orang bertanya kepadamu, ‘Mengapakah kamu melepaskan keldai?’ kamu hendaklah berkata kepadanya, ‘Tuhan memerlukannya.’ ”

³² Mereka pun pergi dan mendapati sebagaimana yang telah dikatakan Yesus kepada mereka. ³³ Ketika mereka melepaskan anak keldai itu, tuan anak keldai itu berkata kepada mereka, “Mengapakah kamu melepaskan anak keldai ini?”

³⁴ Murid-murid itu menjawab, “Tuhan memerlukannya.” ³⁵ Lalu mereka membawanya

kepada Yesus. Kemudian, mereka menghamparkan jubah mereka di atas anak keldai itu dan mendudukkan Yesus di atasnya. ³⁶ Ketika Yesus menunggang keldai itu, orang ramai pun membentangkan jubah mereka di jalan.

³⁷ Apabila Dia menghampiri jalan yang turun dari Bukit Zaitun, semua murid-Nya mula bersukacita dan memuji Allah dengan suara yang kuat kerana semua mukjizat yang telah disaksikan oleh mereka: ³⁸ “Diberkatilah Raja yang datang dengan nama Tuhan!” “Damai sejahtera di syurga dan kemuliaan di tempat yang maha tinggi!”

³⁹ Antara orang ramai itu ada beberapa orang Farisi yang berkata kepada Yesus, “Guru, tegurlah murid-murid-Mu.”

⁴⁰ Yesus menjawab, “Aku berkata kepadamu bahawa jika mereka diam, batu-batu pula akan bersorak.”

Tangisan Yesus bagi Yerusalem

⁴¹ Ketika Yesus menghampiri Yerusalem dan melihat kota itu, Dia pun menangisnya, ⁴² lalu berkata, “Kalaulah kiranya pada hari ini engkau mengetahui perkara-perkara yang dapat membawa sejahtera kepadamu! Tetapi sekarang

semuanya dirahsiakan daripadamu. ⁴³ Masanya akan datang apabila musuh-musuhmu akan mengelilingimu dengan sekatan, mengepung dan mengasakmu dari semua arah. ⁴⁴ Mereka akan membinasakanmu dan semua pendudukmu. Mereka tidak akan meninggalkan seketul pun batu tersusun kerana kamu tidak tahu masanya Allah datang kepadamu.”

Yesus pergi ke dalam Bait Suci

⁴⁵ Yesus masuk ke dalam Bait Suci lalu mengusir semua pedagang di situ. ⁴⁶ Dia berkata kepada mereka, “Telah tersurat, ‘Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa’; tetapi kamu telah menjadikannya ‘sarang pencuri.’ ”

⁴⁷ Setiap hari Yesus mengajar di dalam Bait Suci. Ketua-ketua imam, ahli-ahli Taurat dan para pemimpin mereka mencari jalan untuk membunuh-Nya ⁴⁸ tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian kerana orang ramai terus-menerus datang mendengar Yesus dan mereka tidak mahu terlepas sepetah kata Yesus pun.

Kekuasaan Yesus dipersoalkan

20¹ Pada suatu hari ketika Yesus mengajar orang ramai di dalam Bait Suci dan menyampaikan Injil, ketua-ketua imam, ahli-ahli Taurat dan para tua-tua datang kepada Yesus.

² Mereka berkata kepada-Nya, “Katakanlah kepada kami dengan kuasa siapakah Kamu melakukan perkara-perkara ini. Dan siapakah yang memberi-Mu kuasa itu?”

³ Yesus menjawab, “Aku juga hendak bertanya kepadamu suatu perkara. Katakanlah kepada-Ku, ⁴ baptisan Yohanes daripada syurga atau daripada manusia?”

⁵ Mereka pun berbincang sesama sendiri, “Kalau kita berkata, ‘Daripada syurga,’ Dia akan berkata, ‘Kalau begitu, mengapa kamu tidak percaya kepadanya?’ ⁶ Sebaliknya, kalau kita berkata, ‘Daripada manusia,’ orang ramai sudah tentu akan merejam kita kerana mereka yakin bahawa Yohanes itu seorang nabi.” ⁷ Mereka pun menjawab kepada Yesus bahawa mereka tidak mengetahui dari mana asalnya baptisan Yohanes itu.

⁸ Oleh itu, Yesus pun berkata kepada mereka, “Aku pun tidak akan memberitahumu dengan kuasa apa Aku melakukan perkara-perkara ini.”

Ibarat tentang penyewa ladang

⁹ Kemudian Yesus menceritakan ibarat ini kepada orang ramai: “Seorang menanam ladang anggur. Dia menyewakan ladang itu kepada beberapa penyewa lalu berangkat ke negeri lain dan tinggal beberapa lama di situ. ¹⁰ Apabila tiba musim memetik, dia menyuruh seorang hamba pergi kepada para penyewa itu supaya mereka memberikan sebahagian daripada hasil ladang anggur kepadanya. Tetapi para penyewa itu memukul hamba itu lalu menyuruhnya pergi dengan tangan kosong. ¹¹ Dia menyuruh seorang hamba yang lain pula. Tetapi para penyewa itu memukulnya, mencercanya dan mengusirnya pergi dengan tangan kosong juga. ¹² Tuan itu menyuruh hamba yang ketiga pula. Tetapi para penyewa itu mencederakannya lalu mengusirnya. ¹³ Pemilik ladang itu berkata, ‘Apakah yang hendak kubuat? Baik kusuruh anakku yang kukasihi. Tentu para penyewa itu akan menghormatinya.’ ¹⁴ Tetapi apabila para penyewa itu melihatnya, mereka berbincang sesama sendiri, ‘Inilah warisnya. Marilah kita bunuh dia supaya ladang ini menjadi hak kita.’

¹⁵ Mereka pun mengusirnya keluar dari ladang lalu membunuhnya.”

Yesus bertanya, “Apakah yang akan dilakukan oleh tuan ladang anggur itu terhadap para penyewa tersebut? ¹⁶ Sudah tentu dia akan datang dan membunuh para penyewa itu lalu menyewakan ladang anggur itu kepada orang lain pula.”

Setelah orang ramai itu mendengar ibarat ini, mereka berkata, “Semoga tidak begitu!”

¹⁷ Tetapi Yesus memandang mereka dan bertanya, “Kalau begitu, apakah maksud ayat yang tersurat ini:

‘Batu yang dibuang oleh pembina telah menjadi batu penjuru’?

¹⁸ Sesiapa yang jatuh pada batu itu akan hancur luluh, dan sesiapa yang ditimpa batu itu akan remuk-redam.”

Pertanyaan tentang pembayaran cukai

¹⁹ Ahli-ahli Taurat dan ketua-ketua imam cuba menangkap Yesus ketika itu juga kerana mereka tahu ibarat itu ditujukan terhadap mereka. Tetapi mereka takut akan orang ramai.

²⁰ Mereka menunggu peluang. Lalu mereka mengutus beberapa orang supaya berpura-pura

ikhlas untuk memerangkap Yesus dengan mengemukakan pertanyaan tertentu supaya mereka dapat menyerahkan Yesus ke dalam kekuasaan dan bidang kuasa pemerintah.

²¹ Mereka bertanya kepada Yesus, “Guru, kami tahu apa yang Engkau katakan dan ajarkan itu betul. Guru, kami juga tahu bahawa Engkau tidak pilih kasih tetapi dengan ikhlas mengajar cara Allah berdasarkan yang benar. ²² Wajarkah kami membayar cukai kepada Kaisar atau tidak?”

²³ Yesus mengetahui niat muslihat mereka lalu berkata, ²⁴ “Tunjukkanlah Aku sekeping wang dinar. Gambar dan nama siapakah ini?” Mereka menjawab, “Gambar dan nama Kaisar.”

²⁵ Yesus berkata kepada mereka, “Kalau begitu, berikan milik Kaisar kepada Kaisar, dan milik Allah kepada Allah.”

²⁶ Mereka tidak dapat memerangkap Yesus mengenai apa yang Dia katakan di hadapan orang ramai itu. Maka mereka diam sahaja kerana kagum akan jawapan-Nya.

Pertanyaan tentang kebangkitan daripada maut

²⁷ Beberapa orang Saduki, yang mengatakan tidak ada kebangkitan, datang kepada Yesus lalu bertanya, ²⁸ “Guru, Musa menulis untuk kami

bahawa jika seseorang lelaki meninggal dunia tanpa anak, saudara lelakinya patutlah berkahwin dengan balunya dan memanjangkan zuriatnya. ²⁹ Ada tujuh orang adik-beradik lelaki. Yang sulung berkahwin, kemudian meninggal dunia tanpa anak. ³⁰ Yang kedua berkahwin dengan balunya, ³¹ kemudian yang ketiga dan seterusnya sampai kepada ketujuh saudara itu. Semuanya meninggal dunia tanpa anak. ³² Akhirnya, wanita itu pun meninggal dunia. ³³ Pada hari kebangkitan, isteri siapakah wanita itu kerana ketujuh-tujuhnya pernah mengahwininya?”

³⁴ Yesus menjawab, “Orang dunia zaman ini berkahwin dan dikahwinkan ³⁵ tetapi mereka yang layak dibangkitkan daripada kematian dan hidup pada zaman yang akan datang tidak berkahwin dan tidak dikahwinkan. ³⁶ Mereka itu seperti malaikat dan tidak boleh mati lagi. Mereka menjadi anak Allah kerana mereka telah dibangkitkan. ³⁷ Musa telah menjelaskan bahawa orang mati akan dibangkitkan. Dalam kisah belukar yang bernyala, Tuhan disebut Allah Abraham, Allah Ishak dan Allah Yakub. ³⁸ Dia bukan Allah orang mati tetapi Allah orang hidup kerana semua hidup pada Allah.”

³⁹ Beberapa orang ahli Taurat berkata, “Guru, betul jawapan-Mu.” ⁴⁰ Mereka tidak berani menyoal-Nya apa-apa lagi.

Pertanyaan tentang Kristus

⁴¹ Yesus berkata kepada mereka, “Bagaimana dikatakan bahawa Kristus itu anak Daud ⁴² sedangkan Daud sendiri berkata dalam kitab Mazmur:

‘Tuhan berfirman kepada Tuanku:

Duduklah di sebelah kanan-Ku

⁴³ sehingga Aku menjadikan musuh-Mu alas kaki-Mu.’

⁴⁴ Daud menyebut Dia ‘Tuan’ bagaimana mungkin Dia anaknya pula?”

⁴⁵ Di hadapan orang ramai itu Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, ⁴⁶ “Berhati-hatilah dengan ahli-ahli Taurat yang suka ke sana sini berjubah labuh, suka diberi salam hormat di pasar, suka duduk di kerusi khas di saumaah^a dan tempat terhormat di majlis jamuan. ⁴⁷ Mereka merampas rumah balu tetapi kemudian pura-pura berdoa berjela-jela. Mereka ini akan menerima hukuman yang lebih berat.”

^a**20:46** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Persembahan seorang balu

21 ¹ Yesus memandang di sekeliling lalu nampak orang kaya memasukkan wang persembahan mereka ke dalam peti persembahan. ² Dia nampak juga seorang balu yang sangat miskin memasukkan dua keping wang tembaga. ³ Lalu Yesus berkata, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, balu yang miskin ini telah memasukkan lebih banyak daripada semua yang lain, ⁴ kerana yang lain memasukkan persembahan daripada kemewahan masing-masing tetapi perempuan ini walaupun sangat miskin, telah memasukkan seluruh nafkahnya.”

Robohnya Bait Suci

⁵ Beberapa orang berkata-kata tentang Bait Suci yang dihiasi dengan batu-batu permata yang indah serta barang-barang yang dipersembahkan kepada Allah. ⁶ Yesus pun berkata, “Akan tiba masanya semua yang kamu lihat di sini tiada seketul batu pun akan tinggal tersusun; semuanya akan dirobuhkan.”

Kesusahan dan penganiayaan

⁷ Mereka bertanya kepada Yesus, “Guru, bilakah hal-hal ini akan terjadi? Apakah tandanya hal-hal itu akan terjadi?”

⁸ Yesus berkata, “Awas, jangan terperdaya oleh sesiapa pun. Ramai orang akan datang dengan nama-Ku dan berkata, ‘Akulah dia,’ dan ‘Masanya sudah tiba.’ Janganlah kamu ikut mereka. ⁹ Apabila kamu mendengar tentang peperangan dan pemberontakan, janganlah kamu gentar. Peristiwa-peristiwa ini akan berlaku terlebih dahulu tetapi waktu akhir zaman tidak akan berlaku dengan segera.”

¹⁰ Kemudian Yesus berkata kepada mereka, “Bangsa akan bangkit bertarung dengan bangsa, kerajaan dengan kerajaan; ¹¹ gempa bumi dan kebuluran serta wabak yang dahsyat akan terjadi di merata-rata. Perkara-perkara dahsyat dan tanda-tanda yang hebat akan kelihatan di langit. ¹² Tetapi sebelum segala perkara yang disebut ini berlaku, kamu akan ditawan dan dianiayai. Kamu akan didakwa di majlis saumaah^b dan dipenjarakan. Kamu akan didakwa di hadapan raja dan pemerintah kerana nama-Ku. ¹³ Inilah

^b**21:12** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat Yahudi.

peluang bagimu untuk memberikan kesaksian.

¹⁴ Jadi, teguhkanlah hatimu supaya tidak bimbang bagaimana hendak membela diri ¹⁵ kerana Aku akan memberimu kata-kata dan kebijaksanaan yang tidak dapat dinafikan oleh seorang pun daripada musuh-musuhmu. ¹⁶ Kamu akan dikhianati oleh ibu bapamu, adik-beradikmu, sanak saudaramu dan sahabat handaimu. Mereka akan membunuh beberapa orang antara kamu ¹⁷ dan kamu akan dibenci oleh semua kerana nama-Ku. ¹⁸ Tetapi sehelai rambutmu pun tidak akan hilang. ¹⁹ Bertahanlah, keteguhan hatimu akan menyelamatkan nyawamu.”

Yesus memperkatakan keruntuhan Yerusalem

²⁰ “Apabila kamu melihat kota Yerusalem terkepung oleh tentera-tentera, ketahuilah kamu bahawa kebinasaannya telah hampir. ²¹ Pada masa itu mereka yang berada di jajahan Yudea hendaklah melarikan diri ke gunung; mereka yang ada di dalam kota hendaklah meninggalkannya dan mereka yang ada di luar kota janganlah masuk ke kota itu. ²² Inilah hari-hari hukuman apabila segala perkara yang tersurat dalam Kitab Suci akan terjadi. ²³ Malanglah ibu yang mengandung dan ibu yang menyusui anak pada

masa itu! Kesengsaraan yang teruk akan melanda bumi dan kemurkaan akan menimpa bangsa ini. ²⁴ Mereka akan dibunuh dengan pedang dan ada pula yang akan dibawa ke negeri lain sebagai orang tawanan. Kota Yerusalem akan diinjak-injak oleh bangsa-bangsa asing sehingga tamat tempoh yang ditetapkan untuk mereka.

Kedatangan Anak Manusia

²⁵ “Alamat akan kelihatan pada matahari, bulan dan bintang-bintang. Di muka bumi ini semua bangsa kelak sengsara dan bingung akan deru serta gelora lautan. ²⁶ Sementara menantikan apa yang akan datang ke muka bumi, manusia akan jatuh pengsan kerana takut dan bimbang terhadap apa yang akan terjadi di dunia. Kuasa-kuasa di langit akan digoncang. ²⁷ Lalu mereka akan melihat Anak Manusia datang dalam awan dengan kekuasaan dan kemuliaan yang besar. ²⁸ Apabila segala perkara ini mula terjadi, teguhkanlah hatimu dan angkat kepalamu kerana masa penyelamatanmu telah hampir tiba.”

²⁹ Yesus menceritakan suatu ibarat kepada mereka: “Tengoklah pokok ara dan segala

21:25: Yes 13:10; Yeh 32:7; Yl 2:31; Why 6:12,13.

21:27: Dan 7:13; Why 1:7.

pokok kayu yang lain! ³⁰ Apabila pokok itu mengeluarkan tunas, kamu tahu musim panas hampir tiba. ³¹ Demikian juga apabila kamu melihat segala perkara ini terjadi, ketahuilah bahawa kerajaan Allah hampir tiba.

³² Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, angkatan zaman ini tidak akan luput sebelum segalanya ini terjadi. ³³ Langit dan bumi akan lenyap, tetapi kata-kata-Ku tidak akan lenyap.”

Perlunya berjaga-jaga

³⁴ “Berjaga-jagalah agar hatimu tidak dibeban dengan kesia-siaan dan kemabukan serta soal-soal hal hidup sehingga kamu tidak bersedia menghadapi hari itu yang datang dengan tidak disangka-sangka. ³⁵ Hari itu akan datang seperti perangkap bagi semua manusia di seluruh muka bumi ini. ³⁶ Kamu hendaklah sentiasa berjaga-jaga dan berdoa supaya kamu diteguhkan untuk menghadapi segala perkara yang akan terjadi itu lalu dapat berdiri di hadirat Anak Manusia.”

³⁷ Pada siang hari Yesus mengajar di dalam Bait Suci. Pada waktu malam Dia keluar dari kota itu dan bermalam di udara lapang di Bukit Zaitun.

³⁸ Pada pagi-pagi lagi orang ramai pergi ke Bait Suci untuk mendengar Dia.

Komplot menentang Yesus

22 ¹ Perayaan Roti Tidak Beragi, iaitu Perayaan Paskah, telah menjelang.

² Ketua-ketua imam dan ahli-ahli Taurat sedang mencari jalan untuk membunuh Yesus secara diam-diam kerana mereka takut akan orang ramai itu.

³ Kemudian, Iblis memasuki Yudas Iskariot, seorang daripada dua belas murid Yesus. ⁴ Lalu Yudas pergi kepada ketua-ketua imam dan pengawal Bait Suci untuk membincangkan bagaimana dia dapat mengkhianati Yesus dan menyerahkan-Nya kepada mereka. ⁵ Mereka gembira lalu berjanji memberikan wang kepadanya. ⁶ Yudas pun bersetuju lalu dia mencari peluang untuk mengkhianati Yesus dan menyerahkan-Nya kepada mereka tanpa diketahui orang ramai.

Yesus bersedia untuk makan jamuan Paskah

⁷ Tibalah Perayaan Roti Tidak Beragi. Pada hari itu domba Paskah harus disembelih untuk jamuan Paskah. ⁸ Yesus menyuruh Petrus dan

Yohanes, “Pergilah sediakan jamuan Paskah untuk kita.”

⁹ Mereka bertanya kepada Yesus, “Di manakah Engkau hendak kami sediakan jamuan itu?”

¹⁰ Yesus menjawab, “Setibanya kamu ke dalam kota itu, seorang lelaki yang membawa sekendi air akan menemui kamu. Ikutlah dia ke rumah yang dimasukinya ¹¹ lalu berkatalah kepada tuan rumah itu, ‘Guru berkata: Di manakah ruang tamu untuk Aku makan jamuan Paskah dengan murid-murid-Ku?’ ¹² Tuan rumah itu akan menunjukkan kepadamu sebuah ruang besar di tingkat atas yang lengkap dengan perabot. Di situlah kamu sediakan jamuan Paskah.”

¹³ Mereka pergi ke kota dan mendapati semua seperti yang telah dikatakan Yesus kepada mereka. Lalu mereka menyediakan jamuan Paskah.

Perjamuan Tuhan

¹⁴ Apabila tiba masanya, Yesus pun duduk bertelekan di meja bersama rasul-rasul yang dua belas itu. ¹⁵ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Sebenarnya, Aku telah lama ingin sekali makan jamuan Paskah ini bersama kamu sebelum Aku menderita. ¹⁶ Aku berkata kepadamu bahawa Aku tidak akan makan jamuan ini lagi sehingga

maksud sebenar Paskah dinyatakan dalam kerajaan Allah.”

¹⁷ Setelah itu, Yesus mengambil sebiji cawan minuman. Dia mengucap syukur lalu berkata, “Ambillah cawan ini dan bahagikan minumannya antara kamu. ¹⁸ Aku berkata kepadamu bahawa mulai sekarang, Aku tidak akan minum air anggur lagi hinggalah kerajaan Allah datang.”

¹⁹ Kemudian Yesus mengambil roti, mengucap syukur lalu memecah-mecahkan roti itu dan memberikannya kepada murid-murid-Nya, sambil berkata, “Inilah tubuh-Ku yang diserahkan untukmu; lakukanlah ini sebagai peringatan kepada-Ku.” ²⁰ Demikian juga, sesudah makan, Dia mengambil cawan sambil berkata, “Cawan ini perjanjian baru dengan darah-Ku yang ditumpahkan bagimu. ²¹ Tengoklah! Orang yang mengkhianati Aku ada bersama-sama di meja ini. ²² Anak Manusia memanglah harus pergi seperti yang ditetapkan, tetapi malangnya orang yang mengkhianati-Nya!”

²³ Mereka mula bertanya-tanya sesama sendiri siapakah antara mereka yang akan berbuat demikian.

Perselisihan tentang kebesaran

²⁴ Satu perselisihan timbul dalam kalangan murid itu tentang siapa antara mereka yang dianggap terbesar. ²⁵ Yesus berkata kepada mereka, “Raja-raja bangsa asing memerintah rakyat dengan kuku besi, dan mereka yang melaksanakan kekuasaan digelar pembawa kebajikan kepada rakyat. ²⁶ Tetapi kamu tidak sama seperti mereka. Orang yang terbesar dalam kalanganmu hendaklah menjadi seperti yang terkecil, dan seorang ketua haruslah melayan yang lain. ²⁷ Siapakah yang lebih besar – orang yang duduk makan atau hamba yang melayan? Bukankah orang yang duduk makan itu? Tetapi Aku ini antara kamu sebagai yang melayan.

²⁸ Kamu bersama Aku dalam segala penderitaan-Ku. ²⁹ Aku memberikan hak kerajaan kepadamu untuk memerintah sebagaimana Bapa-Ku telah memberikan hak itu kepada-Ku. ³⁰ Kamu akan makan dan minum di meja-Ku dalam kerajaan-Ku dan kamu akan duduk di atas takhta untuk menghakimi dua belas suku Israel.”

22:24: Mat 18:1; Mrk 9:34; Luk 9:46.

22:26: Mat 23:11; Mrk 9:35.

22:26: Mat 20:25-27; Mrk 10:42-44.

22:27: Yoh 13:12-15. **22:30:** Mat 19:28.

Yesus memperkatakan penyangkalan Petrus

³¹ “Simon, Simon, dengarlah! Iblis telah mengemukakan tuntutan untuk menampi kamu seperti gandum. ³² Tetapi Aku telah berdoa untukmu supaya imanmu tidak goyah. Apabila kamu kembali kepada-Ku, kuatkanlah saudara-saudaramu.”

³³ Petrus berkata kepada Yesus, “Tuhan, hamba sedia ke penjara dengan-Mu dan mati bersama-sama.”

³⁴ Yesus menjawab, “Aku berkata kepadamu, Petrus, sebelum ayam berkokok pada hari ini, kamu akan menyangkal bahawa kamu mengenal Aku sebanyak tiga kali.”

Dompot, beg dan pedang

³⁵ Yesus berkata kepada mereka, “Ketika Aku mengutus kamu keluar tanpa dompet atau beg atau kasut, adakah kamu kekurangan apa-apa?”

Mereka menjawab, “Satu pun tidak.”

³⁶ Yesus berkata lagi, “Tetapi sekarang, orang yang mempunyai dompet atau beg hendaklah membawa barang-barang tersebut. Orang yang tidak berpedang hendaklah menjual bajunya

untuk membeli sebilah. ³⁷ Aku berkata kepadamu bahawa apa yang tersurat ini akan berlaku pada diri-Ku: 'Dia tergolong bersama dengan penjahat.' Sebabnya apa yang tersurat tentang Aku akan terlaksana."

³⁸ Murid-murid itu berkata, "Tengoklah Tuhan, di sini ada dua bilah pedang!"

Yesus berkata, "Cukuplah!"

Yesus berdoa

³⁹ Yesus meninggalkan tempat itu lalu pergi ke Bukit Zaitun seperti kebiasaan-Nya. Murid-murid-Nya pergi bersama Dia. ⁴⁰ Sesampainya ke tempat itu, Dia berkata kepada mereka, "Berdoalah kamu supaya kamu tidak tergoda."

⁴¹ Yesus pergi jauh sedikit daripada mereka, iaitu sepelempar batu jauhnya lalu berlutut untuk berdoa. ⁴² "Ya Bapa, jika berkenan kepada-Mu, jauhkanlah kiranya cawan penderitaan ini daripada-Ku. Tetapi bukannya kehendak-Ku melainkan kehendak-Mu yang dilaksanakan."

⁴³ Malaikat dari syurga datang dan menguatkan-Nya. ⁴⁴ Dalam kesengsaraan Dia berdoa, peluh-Nya seperti darah menitik ke tanah.

⁴⁵ Yesus bangun daripada berdoa, dan kembali kepada murid-murid-Nya. Dia mendapati mereka

tertidur kerana sangat sedih. ⁴⁶ Dia berkata kepada mereka, “Mengapakah kamu tidur? Bangunlah dan berdoa supaya kamu tidak tergoda.”

Yesus ditangkap

⁴⁷ Ketika Yesus masih berkata-kata, sekumpulan orang datang. Yudas, salah seorang dua belas murid-Nya memimpin mereka. Dia menghampiri Yesus untuk mencium-Nya. ⁴⁸ Yesus berkata kepadanya, “Yudas, adakah dengan ciuman engkau mengkhianati Anak Manusia?”

⁴⁹ Apabila murid-murid Yesus melihat apa yang akan terjadi, mereka bertanya kepada Yesus, “Tuhan, haruskah kami serang mereka dengan pedang kami?” ⁵⁰ Seorang daripada mereka menyerang hamba imam besar, dan menetaknya sehingga terputus telinga kanannya.

⁵¹ Tetapi Yesus berkata, “Biarkanlah mereka.” Lalu Yesus menyentuh telinga orang itu dan menyembuhkannya.

⁵² Kemudian Yesus berkata kepada ketua-ketua imam, ketua-ketua pengawal Bait Suci dan tua-tua yang telah datang untuk menangkap-Nya, “Perluakah kamu datang dengan pedang dan belantan untuk menangkap Aku seolah-olah Aku

ini seorang penyamun? ⁵³ Semasa Aku bersama kamu setiap hari di dalam Bait Suci, kamu tidak berani pula menangkap Aku. Tetapi inilah masa kamu dan masa kuasa kegelapan.”

Petrus menyangkal Yesus

⁵⁴ Setelah menangkap Yesus, mereka membawa Dia ke rumah imam besar. Petrus pun mengikut dari jauh. ⁵⁵ Mereka memasang api unggun di tengah-tengah halaman rumah itu lalu duduk di sekeliling. Petrus juga duduk antara mereka. ⁵⁶ Apabila seorang hamba perempuan melihat Petrus duduk berdekatan dengan api unggun, dia memandang kepadanya dan berkata, “Orang ini juga bersama Dia.”

⁵⁷ Tetapi Petrus menyangkal katanya, “Perempuan, aku tidak mengenal Dia!”

⁵⁸ Sejurus selepas itu, seorang lain pula melihat Petrus lalu berkata, “Ya, engkau seorang daripada mereka itu.”

Tetapi Petrus menjawab, “Bukan, aku bukan!”

⁵⁹ Kira-kira sejam kemudian, seorang lain pula berkeras mengatakan, “Tentulah orang ini juga bersama Dia kerana dia juga seorang Galilea.”

⁶⁰ Tetapi Petrus berkata, “Aku tidak memahami apa yang kaukatakan.” Pada ketika itu juga,

sedang Petrus berkata-kata, ayam berkokok.
⁶¹ Tuhan berpaling dan memandang kepada Petrus lalu Petrus pun teringat akan apa yang dikatakan Tuhan kepadanya bahawa, “Sebelum ayam berkokok pada hari ini, engkau akan menyangkal Aku sebanyak tiga kali.” ⁶² Petrus pun keluar lalu menangis dengan amat kesalnya.

Yesus diejek dan dipukul

⁶³ Orang yang mengawal Yesus mengejek dan memukul Dia. ⁶⁴ Mereka menutupi mata Yesus dan bertanya, “Siapakah yang memukul Engkau? Buatlah nubuat!” ⁶⁵ Mereka mengatakan banyak lagi perkara yang menghina kepada-Nya.

Yesus di hadapan Majlis Agama

⁶⁶ Pada pagi hari, tua-tua masyarakat, ketua-ketua imam dan ahli-ahli Taurat bermesyuarat, dan Yesus dibawa ke hadapan Majlis Agama. Mereka berkata, ⁶⁷ “Jika Engkau Kristus, katakanlah kepada kami.”

Yesus berkata kepada mereka, “Jika Aku mengatakan kepadamu, kamu tidak percaya juga. ⁶⁸ Dan jika Aku bertanya kepadamu, kamu juga tidak menjawab. ⁶⁹ Tetapi mulai sekarang, Anak Manusia akan duduk di sebelah kanan Allah Yang Maha Kuasa.”

⁷⁰ Mereka semua bertanya, “Kalau begitu, Engkaulah Anak Allah?”

Yesus berkata kepada mereka, “Benarlah katamu.”

⁷¹ Mereka berkata, “Apa perlunya saksi lagi? Kita sendiri telah mendengar apa yang dikatakan-Nya!”

Yesus di hadapan Pilatus

23 ¹ Semua anggota Majelis Agama bangun lalu membawa Yesus menghadap Pilatus.

² Mereka mula menuduh Dia, “Kami telah mendapati orang ini menyesatkan bangsa kami, menghasut orang supaya tidak membayar cukai kepada Kaisar dan mengaku diri-Nya Kristus, seorang raja!”

³ Pilatus bertanya kepada Yesus, “Adakah Engkau Raja orang Yahudi?” Yesus menjawab, “Begitulah seperti katamu.”

⁴ Pilatus berkata kepada ketua-ketua imam dan orang ramai itu, “Aku tidak mendapati-Nya bersalah.”

⁵ Tetapi mereka semakin mendesak, “Dia menghasut orang di seluruh Yudea supaya memberontak dengan ajaran-Nya. Dia memulakannya di Galilea dan sekarang telah sampai ke tempat ini.”

Yesus di hadapan Herodes

⁶ Setelah Pilatus mendengar hal ini, dia bertanya sama ada Yesus seorang Galilea. ⁷ Ketika Pilatus mengetahui Yesus berasal dari jajahan pemerintahan Herodes, dia menyuruh supaya Yesus dibawa kepada Herodes kerana pada masa itu Herodes ada di kota Yerusalem. ⁸ Apabila Herodes melihat Yesus, dia sangat gembira. Sudah lama dia hendak bertemu dengan Yesus kerana dia telah mendengar banyak hal tentang Yesus. Lagipun, dia berharap dapat menyaksikan Yesus melakukan mukjizat. ⁹ Jadi, Herodes mengemukakan banyak soalan kepada Yesus tetapi Yesus tidak menjawab sepele kata pun. ¹⁰ Ketua-ketua imam dan ahli-ahli Taurat tampil ke hadapan dan melemparkan tuduhan terhadap Yesus. ¹¹ Herodes dan askar-askarnya menghina Yesus dan sebagai ejekan mengenakan pakaian indah pada-Nya lalu menghantar-Nya kembali kepada Pilatus. ¹² Semenjak hari itu, Herodes dan Pilatus bersahabat; mereka bermusuhan sebelum itu.

Yesus dijatuhkan hukuman mati

¹³ Pilatus memanggil ketua-ketua imam, para pemimpin masyarakat dan orang ramai ¹⁴ lalu berkata kepada mereka, “Kamu telah

membawa orang ini kepadaku dan mengatakan Dia menyesatkan rakyat. Aku telah menyoal-Nya di hadapanmu dan aku tidak mendapati Dia bersalah atas satu pun tuduhanmu. ¹⁵ Herodes pun tidak mendapati Dia bersalah, kerana Dia dihantar kembali kepada kami. Tiada apa-apa yang dilakukan-Nya sehingga Dia patut dijatuhi hukuman mati. ¹⁶ Oleh itu, aku akan menyebat-Nya, kemudian membebaskan-Nya.”

¹⁷ Pada setiap Perayaan Paskah Pilatus akan membebaskan salah seorang tahanan bagi mereka. ¹⁸ Tetapi semua orang berteriak, “Bunuh Dia! Bebaskan Barabas bagi kami.” ¹⁹ (Barabas telah dipenjarakan kerana terlibat dalam satu rusuhan yang berlaku di kota dan kerana pembunuhan.)

²⁰ Pilatus hendak membebaskan Yesus. Oleh itu, dia berseru kepada orang ramai sekali lagi.

²¹ Tetapi orang ramai itu berteriak-teriak lagi, “Salibkan Dia! Salibkan Dia!”

²² Pada kali ketiga Pilatus berkata kepada mereka: “Apakah kesalahan-Nya? Aku tidak mendapati Dia bersalah sehingga patut dikenakan hukuman mati. Oleh sebab itu, aku akan menyebat-Nya dan kemudian membebaskan-Nya.”

²³ Tetapi orang ramai itu terus-menerus berteriak dengan kuat supaya Yesus disalib.

Akhirnya, mereka berjaya. ²⁴ Pilatus memutuskan supaya tuntutan orang ramai itu dilaksanakan.

²⁵ Dia membebaskan orang yang dikehendaki mereka, orang yang dipenjarakan kerana terlibat dalam rusuhan dan pembunuhan, tetapi Yesus diserahkannya untuk diperlakukan menurut kehendak mereka.

Yesus disalib

²⁶ Ketika askar-askar membawa Yesus ke tempat orang disalib, mereka berjumpa dengan seorang lelaki yang bernama Simon. Dia berasal dari Kirene dan sedang dalam perjalanan ke kota. Askar-askar menangkapnya, memaksanya memikul salib Yesus dan berjalan di belakang-Nya.

²⁷ Ramai orang mengikut Yesus; antara mereka beberapa orang perempuan yang menangis dan meratapi-Nya. ²⁸ Yesus berpaling kepada mereka lalu berkata, “Kaum perempuan Yerusalem, janganlah tangisi Aku melainkan tangisilah dirimu dan anak-anakmu sendiri. ²⁹ Masanya akan datang kelak apabila orang akan berkata, ‘Diberkatilah perempuan yang tidak pernah mengandung, melahirkan dan menyusui anak!’

³⁰ Pada masa itulah mereka akan berkata kepada

gunung-gunung, 'Timpalah kami!' dan kepada bukit-bukit, 'Timbuslah kami!' ³¹ Jika perbuatan begini dilakukan mereka terhadap pokok kayu yang masih hijau, apatah lagi terhadap pokok yang kering?"

³² Ada dua orang lain, iaitu kedua-duanya penjahat, yang akan dibunuh bersama Yesus.

³³ Setelah mereka sampai ke tempat yang bernama, "Tengkorak," mereka pun menyalib Yesus dan kedua-dua orang penjahat itu, seorang di sebelah kanan dan seorang di sebelah kiri-Nya.

³⁴ Yesus berkata, "Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka." Mereka membahagi-bahagikan pakaian-Nya dengan membuang undi. ³⁵ Orang ramai yang berdiri di situ memandang sahaja sementara para pemimpin masyarakat mengejek-Nya, "Orang lain diselamatkan-Nya; biarlah Dia menyelamatkan diri-Nya sekarang jika Dia sesungguhnya Kristus yang dipilih oleh Allah."

³⁶ Askar-askar juga memperolok-olokkan Yesus. Mereka menghampiri-Nya dan membawa air anggur masam kepada-Nya ³⁷ lalu berkata, "Jika Engkau Raja orang Yahudi, selamatkanlah diri-Mu."

23:34: Mzm 22:18. **23:35:** Mzm 22:7.

23:36: Mzm 69:21.

³⁸ Pada sebelah atas kayu salib Yesus tertulis kata-kata: “Inilah Raja orang Yahudi.”

³⁹ Seorang daripada penjahat yang disalib di situ mula mencela-Nya. Dia berkata, “Bukankah Engkau Kristus? Selamatkanlah diri-Mu dan kami!”

⁴⁰ Tetapi seorang penjahat lagi menegurnya, “Tidakkah kamu takut akan Allah? Kita sama-sama dihukum mati. ⁴¹ Bagi kita, hukuman ini adil kerana kita menerima balasan yang setimpal; tetapi orang ini tidak melakukan kesalahan apa-apa.” ⁴² Dia berkata kepada Yesus, “Ya Yesus, ingatilah aku ketika Engkau menaiki takhta kerajaan-Mu.”

⁴³ Yesus menjawab, “Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, pada hari ini juga engkau akan bersama-Ku dalam Firdaus.”

Kematian Yesus

⁴⁴ Ketika itu kira-kira jam keenam^c hingga jam kesembilan,^d seluruh negeri itu diselubungi kegelapan, ⁴⁵ kerana matahari berhenti bersinar. Tirai yang tergantung di dalam Bait Suci pun terbelah dua. ⁴⁶ Yesus berseru dengan kuat,

^c**23:44a** Pukul dua belas tengah hari.

^d**23:44b** Pukul tiga petang.

“Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!” Setelah Yesus berkata demikian, Dia pun menghembus nafas-Nya yang terakhir.

⁴⁷ Ketua tentera yang menyaksikan apa yang telah terjadi memuji Allah, “Sesungguhnya, orang ini orang yang benar.”

⁴⁸ Orang ramai yang telah berkumpul untuk menyaksikan peristiwa itu, pulang menebah dada mereka. ⁴⁹ Semua sahabat Yesus, termasuk perempuan-perempuan yang telah mengikut Dia dari Galilea, berdiri dari jauh untuk menyaksikan segala perkara ini.

Yesus dimakamkan

⁵⁰ Terdapat seorang bernama Yusuf yang berasal dari kota Arimatea di negeri Yudea. Dia seorang yang baik dan benar. ⁵¹ Walaupun seorang anggota Majlis Agama, dia tidak bersetuju dengan keputusan dan tindakan majlis itu. Dia juga sedang menantikan kerajaan Allah. ⁵² Dia pergi menghadap Pilatus untuk meminta jenazah Yesus. ⁵³ Kemudian, Yusuf menurunkan jenazah itu daripada salib, mengafankannya dengan kain linen lalu membaringkannya di dalam sebuah makam yang dipahat pada bukit batu. Makam itu

belum pernah digunakan. ⁵⁴ Hari itu ialah hari Persiapan,^e dan hari Sabat hampir bermula.

⁵⁵ Perempuan-perempuan yang telah mengikut Yesus dari Galilea pergi bersama Yusuf untuk melihat makam itu dan bagaimana jenazah Yesus diletakkan di dalamnya. ⁵⁶ Kemudian, mereka pulang lalu menyediakan rempah-rempah yang harum dan minyak wangi-wangian untuk jenazah Yesus.

Pada hari Sabat mereka berehat mengikut hukum Taurat.

Kebangkitan Yesus

24 ¹ Pada hari pertama minggu itu ketika masih awal pagi lagi, mereka pun pergi ke makam dengan membawa ramuan rempah yang telah disediakan mereka. ² Mereka mendapati batu penutup makam itu telah digulingkan dari makam. ³ Apabila mereka masuk ke dalam, jenazah Tuhan Yesus tiada lagi. ⁴ Mereka berdiri di situ dan berasa kebingungan tentang perkara ini. Tiba-tiba ada dua orang yang berpakaian berkilau-kilauan, berdiri di sisi mereka.

⁵ Perempuan-perempuan itu sangat takut lalu menundukkan muka ke tanah. Kedua-dua orang

^e**23:54** Juga disebut 'hari Jumaat.'

23:56: Kel 20:10; Ul 5:14.

itu berkata kepada mereka, “Mengapakah kamu mencari Dia yang hidup di antara orang mati?

⁶ Dia tiada di sini. Dia sudah bangkit! Ingatlah apa yang telah dikatakan oleh-Nya kepadamu ketika Dia di Galilea: ⁷ ‘Anak Manusia harus diserahkan kepada orang berdosa. Dia akan disalib dan bangkit pada hari yang ketiga.’ ”

⁸ Mereka pun teringatlah akan kata-kata Yesus.

⁹ Sekembali mereka dari makam itu, mereka memberitahu segala perkara ini kepada sebelas orang rasul dan semua pengikut yang lain.

¹⁰ Mereka, iaitu Maria orang Magdalena, Yohana, Maria, ibu Yakobus dan perempuan-perempuan yang lain mengatakan segala perkara itu kepada rasul-rasul itu. ¹¹ Tetapi mereka itu menganggap apa yang dikatakan oleh perempuan-perempuan itu sebagai karut lalu tidak percaya kepada mereka. ¹² Tetapi Petrus bangun dan berlari ke makam itu. Dia membongkok ke dalam lalu nampak kain kafan linen sahaja di situ. Dia pulang dengan hairan sambil memikirkan apa yang telah berlaku.

Perjalanan ke kampung Emaus

¹³ Pada hari itu juga dua orang antara murid Yesus sedang dalam perjalanan ke sebuah kampung yang bernama Emaus, kira-kira tujuh batu jauhnya dari Yerusalem. ¹⁴ Kedua-duanya berbual-bual tentang segala yang telah berlaku itu. ¹⁵ Ketika mereka berbual-bual dan berbincang, Yesus sendiri menghampiri mereka lalu berjalan bersama-sama. ¹⁶ Mereka nampak Yesus tetapi mereka tidak mengenali Dia. ¹⁷ Yesus berkata kepada mereka, “Apakah perkara-perkara yang sedang kamu bincangkan dalam perjalanan kamu ini?”

Mereka pun berhenti di situ dengan berwajah murung. ¹⁸ Seorang daripadanya yang bernama Kleopas bertanya kepada Yesus, “Engkaukah satu-satunya orang di Yerusalem yang belum mengetahui peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam beberapa hari ini?”

¹⁹ Yesus berkata, “Apakah yang telah berlaku?”

Mereka menjawab, “Segala perkara yang berlaku kepada Yesus, orang Nazaret. Dia seorang nabi. Di hadapan Allah dan pada pandangan orang, Dia berkuasa dalam apa yang dikatakan dan dilakukan-Nya. ²⁰ Ketua-ketua imam dan para pemimpin kita telah menyerahkan-Nya untuk dijatuhi hukuman mati lalu mereka

menyalib-Nya. ²¹ Kami telah berharap bahawa Dialah yang akan membebaskan Israel. Tambahan lagi, hari ini ialah hari yang ketiga semenjak perkara-perkara itu telah berlaku. ²² Beberapa orang perempuan daripada golongan kami telah menakjubkan kami. Mereka telah siang-siang ke makam pada pagi tadi. ²³ Akan tetapi, mereka tidak mendapati jenazah-Nya. Mereka pulang menceritakan bahawa mereka nampak malaikat-malaikat yang memberitahu mereka bahawa Dia hidup. ²⁴ Beberapa orang daripada kumpulan kami telah pergi ke makam itu dan mendapati sebagaimana yang dikatakan oleh perempuan-perempuan itu, tetapi mereka tidak nampak Dia.”

²⁵ Kemudian, Yesus berkata kepada mereka, “Betapa bodohnya kamu! Betapa lambatnya hatimu percaya akan segala kata nabi-nabi! ²⁶ Bukankah Kristus harus menderita sedemikian untuk mencapai kemuliaan-Nya?” ²⁷ Lalu Yesus menerangkan kepada mereka apa yang tersurat tentang-Nya dalam seluruh Kitab Suci mulai kitab-kitab Musa sehingga semua kitab para nabi yang lain.

²⁸ Apabila mereka menghampiri kampung yang dituju mereka itu, Yesus kelihatan seolah-olah Dia hendak meneruskan perjalanan. ²⁹ Tetapi kedua-dua orang itu menjemput-Nya dengan

berkata, “Bermalamlah dengan kami kerana hari hampir senja dan mulai gelap.” Dia pun masuk ke rumah dan bermalam dengan mereka. ³⁰ Ketika Dia duduk untuk makan bersama mereka, Dia mengambil roti dan mengucap syukur. Dia membahagikan roti itu lalu memberikannya kepada mereka. ³¹ Pada ketika itu juga mata mereka dicelikkan dan mereka pun mengenali Dia. Lalu Dia lenyap daripada pandangan mereka. ³² Mereka berkata satu sama lain, “Bukankah hati kita meluap-luap ketika Dia berkata-kata kepada kita dalam perjalanan tadi dan semasa Dia menerangkan Kitab Suci kepada kita?”

³³ Mereka terus bangun dan kembali ke Yerusalem. Mereka mendapati sebelas murid itu berkumpul dengan pengikut yang lain. ³⁴ Mereka berkata, “Sesungguhnya, Tuhan telah bangkit. Dia menampakkan diri-Nya kepada Simon!”

³⁵ Lalu kedua-dua orang itu menceritakan apa yang telah berlaku dalam perjalanan mereka dan bagaimana mereka telah mengenali Yesus semasa Dia membahagikan roti.

Yesus menunjukkan diri-Nya kepada para murid-Nya

³⁶ Semasa mereka berkata-kata tentang segala perkara ini, Yesus sendiri berdiri di tengah-tengah

mereka dan berkata kepada mereka, “Damai sejahtera kepada kamu!”

³⁷ Mereka terkejut dan berasa sangat takut kerana menyangka mereka melihat hantu.

³⁸ Tetapi Yesus berkata kepada mereka, “Apakah sebabnya kamu takut? Mengapakah hatimu ragu-ragu? ³⁹ Tengoklah tangan dan kaki-Ku. Inilah Aku. Sentuhlah Aku dan tengok. Hantu tidak berdaging dan bertulang sebagaimana yang kamu lihat ada pada-Ku.”

⁴⁰ Setelah Dia berkata demikian, Dia menunjukkan tangan dan kaki-Nya kepada mereka. ⁴¹ Mereka masih tidak dapat percaya kerana terlalu gembira dan takjub. Yesus pun bertanya kepada mereka, “Adakah kamu mempunyai makanan di sini?” ⁴² Mereka memberi Dia sepotong ikan yang telah dimasak, ⁴³ lalu Dia mengambilnya dan makan di hadapan mereka semua.

⁴⁴ Kemudian, Dia berkata kepada mereka, “Inilah perkara-perkara yang telah Aku katakan kepadamu semasa Aku masih bersamamu dahulu: Segala perkara yang tersurat tentang Aku dalam Taurat Musa, kitab-kitab nabi dan kitab Mazmur pasti akan berlaku.”

⁴⁵ Lalu Dia membuka pintu pemahaman mereka supaya mereka mengerti maksud Kitab Suci.

⁴⁶ Dia berkata lagi, “Demikianlah yang tersurat:

Bahawa Kristus harus menderita lalu bangkit semula daripada maut pada hari yang ketiga, ⁴⁷ dan perkhabaran tentang pertaubatan dan pengampunan dosa akan diisytiharkan demi nama-Nya kepada semua bangsa, mulai di Yerusalem. ⁴⁸ Kamulah saksi segala perkara ini. ⁴⁹ Dan Aku akan mengurniakan pemberian yang dijanjikan Bapa-Ku kepadamu. Tetapi, tunggulah di kota ini sehingga kamu diperlengkap dengan kuasa dari tempat tinggi.”

Yesus terangkat ke syurga

⁵⁰ Kemudian Yesus membawa murid-murid-Nya ke luar kota sehingga Betania. Di situ Dia mengangkat tangan-Nya lalu memberkati mereka. ⁵¹ Ketika Dia memberkati mereka, Dia diangkat ke syurga lalu meninggalkan mereka. ⁵² Murid-murid-Nya menyembah-Nya dan kembali ke Yerusalem dengan penuh kegembiraan. ⁵³ Mereka menumpukan masa di Bait Suci untuk memuji Allah.

YOHANES

Firman menjadi manusia

1 ¹ Pada permulaan sudah wujud Firman, dan Firman itu bersama Allah dan Firman itu ialah Allah. ² Dia bersama Allah pada permulaan. ³ Segala-galanya diciptakan melalui Dia. Daripada segala yang wujud, tiada suatu pun yang dicipta tanpa-Nya. ⁴ Hidup ada dalam-Nya, dan hidup itu cahaya manusia. ⁵ Dan cahaya itu bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan tidak menguasainya.

⁶ Allah mengutus seorang bernama Yohanes. ⁷ Dia datang untuk memberikan kesaksian tentang cahaya itu, supaya semua orang akan percaya melalui Dia. ⁸ Dia sendiri bukanlah cahaya itu, dia datang untuk memberikan kesaksian tentang-Nya. ⁹ Itulah cahaya benar yang menerangi setiap manusia, sedang mendatangi dunia.

¹⁰ Dia berada di dunia, dan dunia telah dicipta melalui-Nya, namun manusia di dunia tidak mengenal-Nya. ¹¹ Dia datang kepada milik-Nya sendiri, tetapi milik-Nya

tidak menerima-Nya. ¹² Namun demikian, Dia memberikan hak menjadi anak Allah kepada mereka yang menerima-Nya dan percaya dalam nama-Nya. ¹³ Kelahiran mereka bukan melalui darah keturunan, atau kehendak manusia, atau kemahuan seorang lelaki, tetapi kerana perbuatan Allah.

¹⁴ Firman itu menjadi manusia dan hidup dalam kalangan kita. Kita telah melihat kemuliaan-Nya sebagai Anak Tunggal yang datang daripada Bapa, penuh dengan kasih kurnia dan kebenaran.

¹⁵ Yohanes memberikan kesaksian tentang-Nya. Dia berseru, “Inilah Dia yang kukatakan akan datang selepasku, tetapi Dia lebih besar daripadaku, kerana Dia sudah ada sebelum aku.”

¹⁶ Daripada limpah kesempurnaan-Nya kita semua telah menerima kasih kurnia demi kasih kurnia;^f ¹⁷ kerana hukum Taurat disampaikan melalui Musa, tetapi kasih kurnia dan kebenaran dinyatakan melalui Yesus Kristus. ¹⁸ Tiada siapa pernah melihat Allah, melainkan Dia Yang Esa^g, yang ada di pangkuan Bapa, telah menyerlahkan-Nya.

^f**1:16** Atau: Berkat demi berkat.

^g**1:18** ‘Dia Yang Esa’ merujuk kepada Anak Tunggal Allah yang satu-satunya.

Kesaksian Yohanes

¹⁹ Inilah kesaksian Yohanes, apabila orang Yahudi di Yerusalem mengutus para imam dan orang Lewi untuk bertanya kepadanya, “Siapakah kamu?”

²⁰ Yohanes mengaku, “Aku bukanlah Kristus.”

²¹ Mereka bertanya, “Jadi, kamu ini siapa? Elia?”

“Bukan,” jawabnya.

“Adakah kamu Nabi?”

Dia menjawab, “Bukan.”

²² Kemudian mereka berkata, “Siapakah kamu? Katakanlah, supaya kami dapat menyampaikan jawapan kepada orang yang mengutus kami. Menurut katamu sendiri, kau ini siapa?”

²³ Yohanes menjawab, “Aku ini satu suara yang berseru di gurun, ‘Luruskanlah jalan untuk Tuhan,’ sebagaimana kata Nabi Yesaya.”

²⁴ Antara orang yang diutus itu ada beberapa orang Farisi. ²⁵ Mereka terus menyoal, “Mengapakah kamu membaptis orang, kiranya kamu bukan Kristus, bukan Elia dan bukan pula Nabi?”

²⁶ Yohanes menjawab, “Aku membaptis dengan air, tetapi dalam kalanganmu ada

seorang yang tidak kamu kenali, ²⁷ iaitu Dia yang datang selepasku. Aku tidak layak mengurai tali kasut-Nya pun.”

²⁸ Semua ini terjadi di Betania, di seberang Sungai Yordan; di situlah Yohanes membaptis orang.

Yesus, Anak Domba Allah

²⁹ Pada keesokan harinya, Yohanes melihat Yesus berjalan ke arahnya lalu berseru, “Lihatlah Anak Domba Allah yang menghapuskan dosa umat manusia! ³⁰ Dialah yang kukatakan akan datang selepasku tetapi lebih besar daripadaku kerana Dia telah ada sebelumku. ³¹ Dahulu aku tidak mengenal Dia. Tetapi untuk itulah aku datang dan membaptis orang dengan air, supaya Dia dinyatakan kepada Israel.”

³² Yohanes memberikan kesaksian: “Aku melihat Roh seperti burung merpati turun dari langit lalu hinggap di atas-Nya. ³³ Dahulu aku sendiri pun tidak mengenal-Nya, tetapi Dia yang mengutusku untuk membaptis orang dengan air telah berfirman kepadaku, ‘Engkau akan melihat Roh turun lalu hinggap di atas seorang. Dialah yang akan membaptis orang dengan Roh Kudus.’ ³⁴ Hal itu telah kulihat sendiri, maka aku berkata kepadamu, Dialah Anak Allah.”

Murid-murid Yesus yang pertama

³⁵ Pada hari yang berikut, Yohanes berada di situ lagi bersama dua orang muridnya. ³⁶ Dia melihat lagi Yesus lalu di tempat itu dan dia berseru, “Lihatlah Anak Domba Allah!”

³⁷ Apabila dua orang murid Yohanes itu mendengar kata-kata demikian, mereka pun mengikut Yesus. ³⁸ Yesus menoleh dan melihat mereka mengikut-Nya lalu bertanya, “Apa hajatmu?”

Mereka menjawab, “Rabbi (ertinya Guru), di manakah Engkau tinggal?”

³⁹ “Marilah lihat,” kata Yesus. Mereka terus mengikut-Nya dan melihat tempat tinggal-Nya. Waktu itu kira-kira jam kesepuluh.^h Mereka pun tinggal bersama Yesus pada hari itu.

⁴⁰ Seorang daripada dua orang yang mendengar kata-kata Yohanes lalu mengikut Yesus ialah Andreas, saudara Simon Petrus. ⁴¹ Andreas segera mencari Simon, saudaranya, dan berkata, “Kami telah bertemu dengan Mesias!” (“Mesias” bererti Kristus). ⁴² Selepas itu, Andreas membawa Simon berjumpa dengan Yesus.

^h**1:39** Atau: Pukul empat.

Yesus memandang Simon lalu berkata, “Kamu Simon anak Yohanes, tetapi kamu akan digelar Kefas.” (Kefas sama ertinya dengan Petrus.)

⁴³ Pada keesokan harinya, Yesus membuat keputusan hendak pergi ke Galilea. Dia berjumpa dengan Filipus dan berkata, “Ikutlah Aku.”

⁴⁴ Seperti Andreas dan Petrus, Filipus juga warga kota Betsaida. ⁴⁵ Filipus pula mendapatkan Natanael dan berkata, “Kami telah bertemu dengan orang yang disebut oleh Musa dalam kitab Taurat dan oleh nabi-nabi. Orang itu ialah Yesus anak Yusuf dari Nazaret.”

⁴⁶ Tetapi Natanael berkata, “Mungkinkah sesuatu yang baik datang dari Nazaret?”

“Marilah lihat,” balas Filipus.

⁴⁷ Ketika Yesus melihat Natanael berjalan ke arah-Nya, Dia berkata, “Ini orang Israel tulen, tiada yang palsu pada dirinya.”

⁴⁸ Natanael bertanya, “Bagaimana Engkau mengenal aku?”

Yesus menjawab, “Sebelum Filipus memanggilmu, Aku telah melihatmu di bawah pokok ara itu.”

⁴⁹ Natanael berseru, “Rabbi, Engkau Anak Allah! Engkau Raja bangsa Israel!”

⁵⁰ Yesus berkata, “Adakah kamu beriman kepada-Ku kerana Aku berkata Aku nampak kamu di bawah pokok ara itu? Kamu akan melihat

hal-hal yang jauh lebih hebat daripada ini!”

⁵¹ Yesus berkata kepadanya, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik menemui Anak Manusia.”

Perkahwinan di Kana

2 ¹ Pada hari yang ketiga, suatu majlis perkahwinan diadakan di kota Kana di negeri Galilea. Ibu Yesus turut hadir. ² Yesus dan murid-murid-Nya juga dijemput ke majlis itu.

³ Apabila air anggur yang ada habis diminum, ibu Yesus berkata kepada-Nya, “Mereka kehabisan air anggur.”

⁴ Yesus menjawab, “Puan, usahlah suruh Aku. Saat-Ku belum tiba.”

⁵ Namun demikian, ibu Yesus berkata kepada pelayan-pelayan di majlis itu, “Buatlah apa sahaja yang disuruh-Nya.”

⁶ Di situ ada enam buah tempayan yang digunakan untuk istiadat penyucian orang Yahudi. Tiap-tiap tempayan dapat memuat kira-kira seratus liter air. ⁷ Yesus berkata kepada pelayan-pelayan, “Isilah tempayan-tempayan ini dengan air.” Mereka pun mengisi penuh keenam-enam tempayan itu. ⁸ Setelah itu, Yesus

berkata pula, “Sekarang ambillah sedikit air itu, bawanya kepada ketua majlis.” Mereka pun menghadirkan air itu kepada ketua majlis. ⁹ Setelah ketua majlis merasa air yang telah menjadi air anggur itu, dia pun memanggil pengantin lelaki. Dia tidak tahu dari mana datangnya air anggur itu, tetapi para pelayan yang mengambil dan membawa air itu mengetahuinya. ¹⁰ Dia berkata kepada pengantin lelaki, “Selalunya orang menghadirkan air anggur yang terbaik di awal majlis. Setelah tetamu banyak minum, dihidangkan pula air anggur yang biasa sahaja. Tetapi kamu menyimpan dahulu air anggur yang terbaik, sekarang baru dihidangkan!”

¹¹ Itulah mukjizat Yesus yang pertama dilakukan-Nya di Kana, Galilea. Dia menyatakan kemuliaan-Nya, maka murid-murid-Nya percaya kepada-Nya.

Yesus menyucikan Bait Suci

¹² Setelah itu, Yesus bersama ibu-Nya, saudara-saudara-Nya dan murid-murid-Nya pergi ke Kapernaum lalu tinggal di situ beberapa hari.

¹³ Ketika Perayaan Paskah orang Yahudi hampir tiba, Yesus pergi ke Yerusalem. ¹⁴ Di

dalam Bait Suci Dia mendapati orang berjual beli lembu, domba dan burung merpati, serta pengurup-pengurup wang duduk di situ. ¹⁵ Yesus membuat cemeti daripada tali lalu mengusir kesemua orang, domba dan lembu dari Bait Suci. Dia juga menghamburkan wang pengurup wang itu dan menterbalikkan meja mereka. ¹⁶ Dia berkata kepada penjual burung merpati, “Bawa keluar semuanya. Jangan jadikan Rumah Bapa-Ku tempat berniaga!” ¹⁷ Para murid-Nya teringat bahawa telah tersurat: “Kasih-Ku terhadap Rumah-Mu membakar hati-Ku!”

¹⁸ Orang Yahudi menyoal Yesus, “Apakah mukjizat yang dapat Kamu lakukan sebagai bukti bahawa Kamu berhak bertindak begini?”

¹⁹ Yesus menjawab, “Robohkanlah Bait Suci ini, akan Kubina semula dalam tiga hari.”

²⁰ “Pembinaan Bait Suci ini mengambil masa empat puluh enam tahun! Akan Kaubina semula dalam tiga hari?” tanya orang Yahudi kepada-Nya.

²¹ Sebenarnya, Bait Suci yang dimaksudkan oleh Yesus itu ialah tubuh-Nya sendiri. ²² Apabila Yesus bangkit daripada kematian, murid-murid-Nya teringat kata-kata-Nya itu. Dengan demikian

2:17: Mzm 69:9.

2:19: Mat 26:61; 27:40; Mrk 14:58; 15:29.

percayalah mereka akan Kitab Suci dan kata-kata Yesus.

²³ Sewaktu Yesus di Yerusalem pada masa Perayaan Paskah, ramai orang yang percaya kepada nama-Nya disebabkan mukjizat-mukjizat yang dilakukan-Nya. ²⁴ Namun demikian, Yesus tidaklah mempercayakan diri-Nya kepada mereka, kerana Dia mengetahui isi hati manusia. ²⁵ Dia tidak memerlukan kesaksian sesiapa tentang manusia kerana Dia mengetahui niat dan perasaan setiap orang.

Yesus mengajar Nikodemus

3 ¹ Pada masa itu ada seorang pemimpin Yahudi daripada golongan Farisi yang bernama Nikodemus. ² Dia mengunjungi Yesus pada suatu malam lalu berkata, “Rabbi, kami tahu bahawa Engkau guru yang datang daripada Allah. Tidak mungkin seseorang melakukan mukjizat seperti yang Kaulakukan kecuali Allah menyertai-Nya.”

³ Yesus menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali seseorang dilahirkan semula, dia tidak dapat melihat kerajaan Allah.”

⁴ Nikodemus bertanya, “Bagaimana seorang dewasa mungkin dilahirkan semula? Tidak mungkin dia masuk semula ke rahim ibunya lalu dilahirkan sekali lagi!”

⁵ Yesus menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali seseorang dilahirkan daripada air dan Roh Kudus, dia tidak akan masuk ke dalam kerajaan Allah. ⁶ Yang dilahirkan manusia ialah manusia, dan yang dilahirkan Roh ialah roh. ⁷ Janganlah hairan akan kata-kata-Ku bahawa kamu semua perlu dilahirkan semula. ⁸ Angin bertiup semahunya. Kita mendengar bunyinya, tetapi tidak tahu dari mana datangnya dan ke mana perginya. Demikianlah juga dengan orang yang dilahirkan oleh Roh Kudus.”

⁹ Nikodemus bertanya, “Bagaimana hal itu boleh berlaku?”

¹⁰ Yesus menjawab, “Kamu pengajar bangsa Israel dan kamu tidak mengetahui hal ini?

¹¹ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apa yang kami ketahui, itulah yang kami katakan, dan apa yang telah kami lihat, itulah yang kami saksikan, tetapi kamu tidak mahu menerimanya.

¹² Jika kamu tidak percaya ketika Aku bercakap tentang hal-hal dunia, bagaimana mungkin kamu percaya sekiranya Aku bercakap tentang hal-hal syurga? ¹³ Tiada seorang pun pernah naik ke syurga, kecuali Anak Manusia yang turun dari syurga.

¹⁴ Sebagaimana ular diangkat oleh Musa di gurun, begitulah Anak Manusia akan diangkat ¹⁵ supaya semua yang percaya kepada-Nya mendapat hidup yang kekal. ¹⁶ Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal. ¹⁷ Allah mengutus Anak-Nya ke dunia bukan untuk menghakimi dunia tetapi supaya melalui Dia, dunia ini diselamatkan.

¹⁸ Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak dijatuhi hukuman. Sebaliknya, sesiapa yang tidak percaya sudah pun dijatuhi hukuman, kerana dia tidak percaya dalam nama Anak Tunggal Allah.

¹⁹ Penghakiman berdasarkan hal ini: Cahaya sudah datang ke dunia, tetapi manusia lebih suka akan kegelapan kerana mereka berbuat jahat.

²⁰ Orang yang berbuat jahat benci akan cahaya dan tidak mahu mendekatinya kerana takut perbuatan jahatnya terdedah. ²¹ Tetapi orang yang berbuat benar merapati cahaya, supaya jelas bahawa perbuatannya dilakukan melalui Allah.”

Kesaksian Yohanes yang terakhir

²² Selepas itu, Yesus dan murid-murid-Nya pergi ke wilayah Yudea. Yesus tinggal bersama mereka di sana dan membaptis orang. ²³ Yohanes pula membaptis di Aion, tidak berapa jauh dari Salim, kerana di situ ada banyak air. Orang datang kepadanya dan dia membaptis mereka. ²⁴ Pada masa itu, Yohanes belum lagi dimasukkan ke dalam penjara.

²⁵ Pada suatu hari tercetus pertengkaran antara sebilangan murid Yohanes dengan seorang Yahudi tentang istiadat penyucian.

²⁶ Mereka pergi kepada Yohanes dan berkata, “Rabbi, seorang yang bersama dengan engkau di seberang Sungai Yordan dahulu, orang yang engkau tunjukkan kepada kami, Dia membaptis orang dan semua orang pergi kepada-Nya.”

²⁷ Yohanes menjawab, “Seseorang tidak mungkin menerima sesuatu kecuali diberi kepadanya dari syurga. ²⁸ Kamu semua menjadi saksi bahawa aku telah berkata, ‘Aku bukanlah Kristus, tetapi aku diutus sebelum-Nya.’

²⁹ Yang mendapatkan pengantin perempuan ialah pengantin lelaki. Sahabat pengantin lelaki yang cuma menanti dan mendengarkan

ketibaan pengantin lelaki, berasa bahagia ketika mendengar suara pengantin lelaki. Demikian juga aku. Sekarang sempurnalah kebahagiaanku. ³⁰Memang sewajarnya Dia semakin utama dan aku semakin kecil.”

³¹Dia yang datang dari atas adalah di atas segala-galanya. Orang yang berasal dari dunia datang dari dunia dan bercakap tentang hal-hal dunia. Tetapi Dia yang datang dari syurga adalah di atas segala-galanya, ³²Dia menyampaikan apa yang dilihat dan didengar-Nya, tetapi tidak ada seorang pun yang menerima kesaksian-Nya. ³³Namun begitu, mereka yang menerima kesaksian-Nya mengaku bahawa Allah itu benar. ³⁴Dia yang diutus oleh Allah menyampaikan firman Allah, kerana Allah mengurniai-Nya Roh Kudus sepenuhnya. ³⁵Bapa kasih akan Anak-Nya dan telah meletakkan segala-galanya di bawah kuasa Anak-Nya. ³⁶Sesiapa yang percaya kepada Anak itu mendapat hidup yang kekal. Sesiapa yang tidak taat kepada-Nya tidak akan mendapat hidup yang kekal itu dan kemurkaan Allah kekal ke atasnya.

Yesus bercakap dengan perempuan Samaria

4¹ Ketika Yesus mengetahui orang Farisi telah mendengar berita bahawa Dia mendapat dan membaptis lebih ramai murid berbanding dengan Yohanes,² (sebenarnya para murid Yesus yang membaptis, bukan Yesus),³ Dia pun meninggalkan Yudea lalu pulang ke Galilea semula.⁴ Dalam perjalanan-Nya itu, Yesus semestinya melalui Samaria.

⁵ Di Samaria, Yesus sampai di bandar Sikhar, berdekatan dengan sebidang tanah yang dahulu diberikan oleh Yakub kepada anaknya Yusuf.⁶ Di situ ada sebuah perigi Yakub. Oleh sebab berasa letih setelah berjalan jauh, Yesus duduk berehat di tepi perigi itu. Waktu itu kira-kira jam keenam.ⁱ

⁷ Kemudian datanglah seorang perempuan Samaria untuk menimba air. Lalu Yesus berkata kepadanya, “Berilah Aku minum.”⁸ Murid-murid Yesus telah pergi ke bandar untuk membeli makanan.

⁹ Perempuan Samaria itu menjawab, “Bagaimana Tuan seorang Yahudi meminta minum daripadaku, seorang perempuan

ⁱ4:6 Atau: Pukul dua belas tengah hari.

4:5: Kej 33:19; Yos 24:32. 4:9: Ezh 4:1-5; Neh 4:1,2.

Samaria?” (Orang Yahudi tidak berurusan dengan orang Samaria.)

¹⁰ Yesus menjawab, “Kalaulah kamu mengetahui pemberian Allah, dan siapakah Dia yang berkata kepadamu, ‘Berilah Aku minum,’ tentulah kamu pula akan meminta daripada-Nya dan Dia akan mengurniaimu air hidup.”

¹¹ Perempuan itu berkata, “Tuan tidak ada timba. Perigi ini sangat dalam. Bagaimana mungkin Tuan mendapatkan air hidup itu?

¹² Adakah Tuan lebih besar daripada moyang kami, Yakub, yang mewariskan perigi ini kepada kami? Dia, anak-anaknya dan binatang ternakannya minum air dari perigi ini.”

¹³ Yesus berkata, “Sesiapa yang minum air dari perigi ini akan dahaga semula; ¹⁴ tetapi sesiapa minum air yang Kuberikan kepadanya nanti tidak akan dahaga lagi selama-lamanya. Air yang akan Kuberikan itu akan menjadi mata air dalam dirinya dan memberinya hidup yang kekal.”

¹⁵ Perempuan itu berkata, “Tuan, berikanlah air itu kepadaku, supaya aku tidak dahaga lagi dan tidak perlu lagi datang ke perigi ini mengambil air.”

¹⁶ Yesus menjawab, “Pergilah dahulu, bawa suamimu ke mari.”

¹⁷ Perempuan itu berkata, “Aku tidak ada suami.”

Yesus pun berkata, “Memang benar engkau tidak ada suami sekarang. ¹⁸ Kamu telah berkahwin lima kali. Lelaki yang tinggal denganmu sekarang bukan suamimu. Benarlah katamu itu.”

¹⁹ Perempuan itu berkata, “Tahulah aku sekarang, Tuan ini seorang nabi. ²⁰ Nenek moyang kami menyembah Allah di gunung ini, tetapi bangsa Tuan berkata tempat orang menyembah Allah hanya di Yerusalem.”

²¹ Yesus berkata, “Hai perempuan, percayalah, akan sampai saatnya kamu menyembah Bapa bukan lagi di gunung ini atau di Yerusalem.

²² Kamu menyembah apa yang tidak kamu kenal; sebaliknya, kami menyembah apa yang kami kenal kerana penyelamatan datang daripada orang Yahudi. ²³ Akan sampai saatnya, malah sudah pun sampai, penyembah sejati akan menyembah Bapa dalam roh dan kebenaran; kerana Bapa menghendaki penyembah yang sedemikian. ²⁴ Allah itu Roh, maka orang yang menyembah Dia harus menyembah-Nya dalam roh dan kebenaran.”

²⁵ Perempuan itu berkata, “Aku tahu Mesias yang disebut Kristus akan datang. Apabila Dia datang, Dia akan memberitahu kami segala-galanya.”

²⁶ Yesus berkata kepada perempuan itu, “Akulah Dia yang sekarang bercakap denganmu.”

²⁷ Pada ketika itu para murid Yesus pulang ke situ. Mereka hairan melihat Yesus bercakap dengan seorang perempuan tetapi seorang pun tidak bertanya kepada perempuan itu, “Apa hajatmu?” atau kepada Yesus, “Mengapa Engkau bercakap dengan perempuan ini?”

²⁸ Perempuan itu pun meninggalkan bekas airnya di situ lalu pergi ke bandar memberitahu orang di sana apa yang telah berlaku.

²⁹ Perempuan itu berkata, “Marilah lihat seorang yang menyebutkan kepadaku segala yang telah kulakukan. Mungkinkah orang itu Kristus?”

³⁰ Dengan demikian, orang di bandar pun pergi mendapatkan Yesus.

³¹ Sementara itu, para murid Yesus menggesanya, “Rabbi, makanlah.”

³² Yesus menjawab, “Aku ada makanan yang tidak kamu ketahui.”

³³ Lalu para murid Yesus tertanya-tanya sesama sendiri, “Adakah sesiapa datang membawakan-Nya makanan tadi?”

³⁴ Yesus berkata, “Makanan-Ku itu melaksanakan kehendak Dia yang mengutus-Ku dan menyelesaikan pekerjaan-Nya. ³⁵ Bukankah kamu berkata, ‘Empat bulan lagi barulah tiba musim menuai?’ Tetapi Aku berkata kepadamu,

lihatlah ladang yang sudah menguning, sedia untuk dituai. ³⁶ Orang yang menuai akan menerima upah dan mendapat hasil untuk hidup kekal. Dengan demikian, penyemai benih dan penuai akan bergembira bersama-sama. ³⁷ Dalam hal ini benarlah pepatah, 'Ada yang menyemai, ada pula yang menuai.' ³⁸ Aku menyuruhmu menuai ladang yang bukan hasil usahamu. Orang lain yang mengerjakannya, kamu yang mendapat hasilnya."

³⁹ Pada masa itu ramai orang Samaria percaya kepada Yesus setelah mendengar perempuan itu berkata, "Dia menyebutkan kepadaku segala yang telah kulakukan." ⁴⁰ Oleh yang demikian, ketika orang Samaria datang menemui Yesus, mereka mengajak-Nya tinggal bersama mereka. Yesus pun tinggal di situ selama dua hari.

⁴¹ Lebih ramai lagi orang yang percaya kepada Yesus kerana kata-kata-Nya. ⁴² Mereka berkata kepada perempuan itu, "Sekarang kami percaya bukanlah kerana kata-katamu tetapi kerana kami telah mendengar kata-kata-Nya sendiri dan kami tahu Dialah Kristus, Penyelamat dunia."

⁴³ Selepas tinggal dua hari di Samaria, Yesus ke Galilea pula, ⁴⁴ kerana Yesus sendiri bersaksi bahawa seorang nabi tidak mendapat

penghormatan di negerinya sendiri. ⁴⁵ Setiba-Nya di Galilea, orang Galilea menyambut-Nya. Mereka telah melihat segala yang dilakukan-Nya di Yerusalem pada masa Perayaan Paskah dahulu. Pada ketika itu, mereka juga berada di sana.

Yesus menyembuhkan anak pegawai kerajaan

⁴⁶ Selepas itu, Yesus pulang ke Kana di Galilea, iaitu tempat Dia mengubah air menjadi air anggur. Seorang pegawai kerajaan di situ mempunyai anak lelaki yang sedang sakit di Kapernaum. ⁴⁷ Apabila pegawai itu mendengar tentang kedatangan Yesus ke Galilea dari Yudea, dia pun pergi berjumpa dengan Yesus. Dia meminta Yesus datang ke Kapernaum untuk menyembuhkan anaknya yang sakit tenat dan hampir maut. ⁴⁸ Tetapi Yesus berkata, “Kalau kamu semua tidak melihat mukjizat dan hal-hal luar biasa, tidaklah kamu percaya.”

⁴⁹ Pegawai itu merayu, “Tuan, datanglah segera sebelum anakku mati.”

⁵⁰ Yesus pun berkata, “Pergilah, anakmu akan sembuh.”

Pegawai itu percaya akan kata-kata Yesus lalu pergi. ⁵¹ Dalam perjalanannya ke rumah, hambanya datang memberitahu bahawa anaknya

itu telah sembuh. ⁵² Apabila pegawai itu bertanya bila anaknya mula pulih, mereka menjawab, “Kelmarin, pada jam ketujuh,^j dia tidak demam lagi.”

⁵³ Bapa anak itu teringat bahawa pada waktu itulah Yesus telah berkata, “Anakmu akan sembuh.” Dengan demikian, pegawai itu dan seluruh keluarganya percaya kepada Yesus.

⁵⁴ Itulah mukjizat Yesus yang kedua dilakukan-Nya di Galilea setelah tiba di situ dari Yudea.

Penyembuhan di Baithasda

5 ¹ Setelah itu, Yesus pergi ke Yerusalem pada masa suatu perayaan Yahudi. ² Di Yerusalem, berdekatan Pintu Domba, ada sebuah kolam yang dipanggil Baithasda dalam bahasa Ibrani. Kolam ini dikelilingi lima buah serambi. ³ Di setiap serambi itu ramai orang sakit dan cacat berbaring – ada yang buta, ada yang tempang dan ada yang lumpuh – menunggu air kolam itu berkocak. ⁴ Sekali-sekala malaikat Tuhan akan turun mengocak air kolam itu. Sesiapa yang pertama masuk ke dalam kolam itu ketika airnya berkocak akan sembuh daripada penyakitnya. ⁵ Dalam kalangan mereka ada seorang lelaki yang

^j4:52 Atau: Pukul satu petang.

telah sakit selama tiga puluh lapan tahun. ⁶ Yesus melihatnya terbaring di situ dan mengetahui bahawa dia telah sakit demikian lamanya. Yesus bertanya kepadanya, “Inginkah kamu sembuh?”

⁷ Orang sakit itu menjawab, “Tuan, tiada siapa pun di sini yang dapat memasukkan aku ke dalam kolam itu ketika airnya berkocak. Setiap kali aku cuba masuk, orang lain telah masuk dahulu.”

⁸ Yesus berkata kepadanya, “Bangun, angkat tikarmu, dan berjalanlah.” ⁹ Serta-merta orang itu sembuh lalu mengangkat tikarnya dan berjalan. Perkara itu terjadi pada hari Sabat.

¹⁰ Oleh yang demikian, orang Yahudi berkata kepada orang yang disembuhkan itu, “Ini hari Sabat. Kamu melanggar hukum kerana mengangkat tikar.”

¹¹ Orang itu menjawab, “Orang yang menyembuhkanku tadi menyuruh aku mengangkat tikar dan berjalan.”

¹² Mereka pun bertanya, “Siapakah Dia yang menyuruhmu mengangkat tikar dan berjalan itu?”

¹³ Akan tetapi, orang yang baru disembuhkan itu tidak dapat menunjukkan siapa orangnya, kerana Yesus telah menghilang di antara orang ramai di situ.

¹⁴ Tidak lama selepas itu, Yesus bertemu dengan orang itu di dalam Bait Suci dan berkata kepadanya, “Sekarang kamu sudah sembuh. Jangan berbuat dosa lagi, supaya kamu tidak menerima padah yang lebih teruk.”

¹⁵ Orang itu kemudiannya memberitahu orang Yahudi bahawa Yesuslah yang telah menyembuhkannya.

¹⁶ Dengan demikian, orang Yahudi mula memusuhi Yesus kerana menyembuhkan orang pada hari Sabat.

¹⁷ Namun demikian, Yesus berkata kepada mereka, “Bapa-Ku masih bekerja hingga sekarang, maka begitulah juga Aku.”

¹⁸ Kata-kata-Nya ini mengukuhkan lagi niat orang Yahudi hendak membunuh-Nya. Bukan sahaja Dia melanggar hukum hari Sabat, malah juga mengatakan Allah itu Bapa-Nya, iaitu menyamakan diri-Nya dengan Allah.

Kesaksian Yesus tentang diri-Nya

¹⁹ Yesus menjawab mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, Anak tidak dapat melakukan sesuatu oleh diri-Nya sendiri. Dia hanya melakukan apa yang dilihat-Nya dilakukan oleh Bapa-Nya. Apa yang dilakukan oleh Bapa, itulah yang dilakukan oleh Anak, ²⁰ kerana Bapa kasih akan Anak dan menunjukkan segala yang

dilakukan-Nya kepada Anak-Nya. Bapa akan menyatakan hal-hal yang lebih besar lagi kepada Anak, sehingga kamu semua menjadi hairan.

²¹ Bapa membangkitkan manusia daripada kematian dan memberi hidup, maka demikian jugalah Anak-Nya memberi hidup kepada mereka yang dikehendaki-Nya. ²² Bapa tidak menghakimi sesiapa. Dia telah menyerahkan kuasa menghakimi kepada Anak-Nya. ²³ Dengan demikian, semua orang menghormati Anak sebagaimana mereka menghormati Bapa. Jika sesiapa tidak menghormati Anak, ertinya dia tidak menghormati Bapa yang mengutus-Nya.

²⁴ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang mendengar kata-kata-Ku dan percaya kepada Dia yang mengutus-Ku akan mendapat hidup yang kekal dan tidak akan dihukum. Dia telah terlepas daripada kematian dan mendapat hidup sebenar.

Dua jenis kebangkitan

²⁵ Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, akan tiba saatnya, malah sudah pun sampai, ketika orang mati mendengar suara Anak Allah, dan orang yang mendengar suara-Nya akan hidup. ²⁶ Bapa sumber hidup, maka Dia menjadikan Anak-Nya juga sumber hidup.

²⁷ Bapa telah memberikan kuasa menghakimi

kepada Anak-Nya, kerana Dia itu Anak Manusia. ²⁸ Janganlah hairan mendengar hal ini kerana akan sampai saatnya bagi semua orang di dalam kubur mendengar suara-Nya. ²⁹ Mereka akan terus bangkit dari kubur. Orang yang berbuat baik akan bangkit untuk mendapat hidup kekal dan orang yang berbuat jahat akan bangkit untuk dihukum.”

³⁰ “Aku tidak dapat melakukan sesuatu pun atas usaha-Ku sendiri. Aku menghakimi manusia menurut perintah Allah. Penghakiman-Ku adil, kerana Aku tidak mengikut kehendak-Ku sendiri tetapi kehendak Dia yang mengutus-Ku.

³¹ Jika Aku memberikan kesaksian tentang diri-Ku sendiri, itu tidaklah wajar diterima sebagai bukti yang sah. ³² Ada lain yang memberikan kesaksian tentang diri-Ku, dan Aku tahu kesaksian yang disampaikan-Nya tentang-Ku itu benar.

Kesaksian Yohanes

³³ Kamu telah mengutus orang untuk berjumpa dengan Yohanes, dan dia telah bersaksi tentang kebenaran. ³⁴ Sebenarnya Aku tidak memerlukan kesaksian manusia. Aku menyebutnya supaya kamu percaya dan dapat diselamatkan.

³⁵ Yohanes ibarat pelita yang menyala dan

bercahaya. Bagi seketika lamanya, kamu memilih untuk menikmati cahayanya. ³⁶ Tetapi kesaksian-Ku lebih besar daripada kesaksian Yohanes. Aku melakukan apa yang ditugaskan oleh Bapa-Ku, dan hal ini membuktikan bahawa Bapa telah mengutus-Ku. ³⁷ Bapa yang mengutus-Ku dan memberikan kesaksian tentang diri-Ku ini belum pernah kamu dengar suara-Nya atau lihat wajah-Nya. ³⁸ Firman-Nya tidak menetap dalam dirimu kerana kamu tidak percaya kepada Dia yang diutus Bapa.

Kesaksian Kitab

³⁹ Kamu mengkaji Kitab Suci dengan tekun kerana kamu percaya dalamnya kamu mendapat hidup kekal. Sebenarnya Kitab Suci memberikan kesaksian tentang diri-Ku. ⁴⁰ Tetapi kamu tidak mahu datang kepada-Ku untuk mendapatkan hidup kekal.

⁴¹ Aku tidak mengharapkan pujian daripada manusia. ⁴² Aku mengenalmu. Aku tahu kamu sebenarnya tidak mengasihi Allah. ⁴³ Aku datang atas nama Bapa-Ku, tetapi kamu tidak menyambut-Ku. Namun demikian, ketika orang lain datang atas namanya sendiri, kamu menyambutnya. ⁴⁴ Bagaimana kamu mungkin

percaya kepada-Ku, sedangkan kamu mencari pujian sesama sendiri? Kamu tidak berusaha mendapatkan pujian daripada Allah yang esa. ⁴⁵ Jangan sangka Aku akan menuduhmu di hadapan Bapa. Musa yang kamu harapkan itulah yang akan menuduhmu. ⁴⁶ Sekiranya benar kamu percaya kepada Musa, tentulah kamu percaya kepada-Ku, kerana Musa telah menulis tentang diri-Ku. ⁴⁷ Kamu tidak percaya akan apa yang ditulis oleh Musa, maka bagaimana kamu mungkin percaya akan apa yang Kukatakan?”

Yesus memberi lima ribu orang makanan

6 ¹ Setelah itu, Yesus pergi ke seberang Laut Galilea yang juga dipanggil Laut Tiberias. ² Ramai orang mengikut-Nya setelah melihat mukjizat-Nya menyembuhkan orang sakit. ³ Yesus mendaki sebuah bukit lalu duduk di situ bersama murid-murid-Nya. ⁴ Pada masa itu Perayaan Paskah orang Yahudi hampir tiba. ⁵ Apabila Yesus memandang sekeliling dan melihat ramai orang datang ke arah-Nya, Dia berkata kepada Filipus, “Dari manakah dapat kita beli makanan untuk semua mereka ini?” ⁶ (Sebenarnya Yesus bertanya itu untuk menduga Filipus sahaja kerana Dia tahu apa yang akan dilakukan-Nya.)

⁷ Filipus menjawab, “Roti yang berharga dua ratus dinar pun tidak cukup, meskipun jika dibahagi secebis seorang.”

⁸ Seorang lagi murid Yesus yang bernama Andreas, saudara Simon Petrus, berkata kepada-Nya, ⁹ “Ada seorang budak di sini yang mempunyai lima buku roti barli dan dua ekor ikan. Tetapi tidak mungkin akan cukup untuk orang seramai ini!”

¹⁰ Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Ajaklah mereka duduk.” (Di situ ada banyak rumput.) Mereka itu pun duduk, kira-kira lima ribu orang lelaki semuanya. ¹¹ Yesus mengambil roti itu lalu mengucap syukur kepada Allah. Selepas itu, Dia membahagi-bahagikan roti itu kepada mereka yang duduk di sini. Kemudian Dia membahagi-bahagikan ikan itu pula sebanyak yang dikehendaki mereka.

¹² Setelah kenyang semuanya, Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Kumpulkanlah baki makanan, jangan ada yang terbuang.” ¹³ Lalu mereka mengumpulkannya dan mengisi dua belas bakul baki makanan daripada lima buku roti barli yang dimakan oleh orang ramai itu.

¹⁴ Apabila mereka melihat mukjizat yang dilakukan oleh Yesus itu, mereka pun berkata, “Memang Dialah Nabi yang dinanti-nantikan datang ke dunia!” ¹⁵ Yesus tahu bahawa mereka

hendak datang dan memaksa-Nya menjadi raja. Oleh itu, Dia beredar sekali lagi ke bukit seorang diri.

Yesus berjalan di atas air

¹⁶ Setelah senja hari, para murid Yesus turun ke tasik. ¹⁷ Mereka menaiki perahu menyeberangi tasik itu ke Kapernaum. Hari sudah gelap namun Yesus belum pulang mendapatkan mereka.

¹⁸ Ketika itu tasik mulai bergelombang kerana angin bertiup kencang. ¹⁹ Setelah para murid Yesus berkayuh tiga atau tiga setengah batu, mereka terpandang Dia berjalan di atas air ke arah perahu mereka, lalu mereka pun ketakutan.

²⁰ Tetapi Yesus berkata kepada mereka, "Jangan takut, Aku Yesus!" ²¹ Barulah mereka mahu menyambut-Nya naik ke perahu. Pada saat itu juga tibalah perahu itu ke tempat yang dituju.

²² Pada keesokan harinya, orang ramai yang berada di seberang tasik menyedari bahawa di situ hanya ada sebuah perahu dan Yesus tidak menaiki perahu itu. Mereka tahu bahawa para murid Yesus telah bertolak menaiki perahu itu tanpa-Nya. ²³ Kemudian, beberapa buah perahu dari Tiberias berlabuh dekat tempat orang ramai makan roti selepas Tuhan mengucap syukur. ²⁴ Apabila mereka tidak melihat Yesus atau murid-murid-Nya, mereka pun menaiki

perahu-perahu itu menuju ke Kapernaum untuk mencari Yesus.

Roti hidup

²⁵ Ketika mereka bertemu dengan Yesus di seberang tasik, mereka bertanya kepada-Nya, “Rabbi, bilakah Engkau sampai ke mari?”

²⁶ Yesus menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu mencari-Ku bukan kerana kamu telah melihat tanda-tanda mukjizat, tetapi kerana kamu telah dapat makan sehingga kenyang. ²⁷ Janganlah berusaha mendapatkan makanan yang boleh basi. Berusahalah mendapatkan makanan yang dapat bertahan sampai hidup kekal. Itulah makanan yang akan diberikan kepadamu oleh Anak Manusia, kerana Allah Bapa telah memateraikan-Nya.”

²⁸ Mereka bertanya kepada-Nya, “Apakah yang mesti kami buat untuk melaksanakan pekerjaan yang dikehendaki Allah?”

²⁹ Yesus berkata, “Inilah pekerjaan yang dikehendaki Allah iaitu supaya kamu percaya kepada Dia yang diutus-Nya.”

³⁰ Mereka bertanya kepada-Nya, “Apakah tanda ajaib yang dapat Kautunjukkan supaya kami melihatnya lalu percaya kepada-Mu? Apakah

yang dapat Kaulakukan? ³¹ Nenek moyang kami makan manna di gurun, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci: ‘Dia memberikan roti dari syurga untuk dimakan oleh mereka.’ ”

³² Lalu Yesus berkata, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, bukanlah Musa yang memberimu roti dari syurga tetapi Bapa-Ku yang memberimu roti sebenar dari syurga. ³³ Roti yang diberikan oleh Allah ialah Dia yang turun dari syurga dan memberi hidup kepada manusia di dunia.”

³⁴ Kemudian mereka berkata, “Tuhan, berilah kami roti itu selalu.”

³⁵ Yesus berkata kepada mereka, “Akulah roti hidup itu. Sesiapa yang datang kepada-Ku tidak akan lapar lagi, dan sesiapa yang percaya kepada-Ku tidak akan dahaga lagi.

³⁶ Telah Kukatakan kepadamu, bahawa kamu telah melihat-Ku, namun tidak percaya kepada-Ku. ³⁷ Semua yang diberikan kepada-Ku oleh Bapa akan datang kepada-Ku. Aku tidak akan menolak seorang pun yang datang kepada-Ku. ³⁸ Aku turun dari syurga bukanlah untuk melakukan kehendak-Ku sendiri tetapi kehendak Dia yang mengutus-Ku. ³⁹ Inilah kehendak Dia yang mengutus-Ku: Daripada semua yang diberikan

kepada-Ku, tiada seorang pun yang keciciran tetapi akan Kubangkitkan kesemuanya pada hari akhir. ⁴⁰ Demikianlah kehendak Bapa-Ku, iaitu setiap orang yang melihat Anak-Nya dan percaya kepada-Nya akan mendapat hidup yang kekal, dan Aku akan membangkitkannya pada hari akhir.”

⁴¹ Orang Yahudi di situ mula merungut sesama sendiri menentang Yesus kerana kata-kata-Nya, “Akulah roti yang turun dari syurga.” ⁴² Mereka berkata, “Bukankah Dia Yesus, anak Yusuf, dan ibu bapa-Nya kita kenal? Bagaimana Dia boleh mengaku, ‘Aku turun dari syurga’?”

⁴³ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Janganlah merungut sesama sendiri. ⁴⁴ Tiada seorang pun yang dapat datang kepada-Ku kecuali didorongkan oleh Bapa yang mengutus-Ku dan Aku akan membangkitkannya pada hari akhir. ⁴⁵ Ada tersurat dalam tulisan para nabi: ‘Semua manusia akan diajar oleh Allah.’ Dengan demikian, seorang yang mendengar dan belajar daripada Bapa akan datang kepada-Ku. ⁴⁶ Tiada seorang pun pernah melihat Bapa. Hanya Dia yang datang daripada Allah telah melihat Bapa.

⁴⁷ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, orang yang percaya mendapat hidup yang kekal.

⁴⁸ Akulah roti hidup. ⁴⁹ Nenek moyangmu makan manna di gurun, tetapi mereka mati juga. ⁵⁰ Inilah roti yang turun dari syurga. Orang yang makan roti ini tidak akan mati. ⁵¹ Akulah roti hidup yang turun dari syurga. Orang yang makan roti ini akan hidup kekal. Roti yang akan Kuberikan untuk hidup manusia di dunia ini ialah tubuh-Ku.”

⁵² Orang Yahudi yang mendengar kata-kata ini mula bertengkar sesama sendiri, “Bagaimanakah mungkin orang ini memberikan tubuh-Nya untuk kita makan?”

⁵³ Yesus berkata kepada mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika kamu tidak makan tubuh Anak Manusia dan minum darah-Nya, kamu tidak mempunyai hidup dalam dirimu. ⁵⁴ Sesiapa yang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku mendapat hidup yang kekal, maka Aku akan membangkitkannya pada hari akhir. ⁵⁵ Tubuh-Ku inilah makanan yang sebenar. Darah-Ku inilah minuman yang sebenar. ⁵⁶ Apabila seorang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku, maka dia tetap di dalam-Ku dan Aku di dalamnya. ⁵⁷ Seperti Bapa yang hidup mengutus Aku, dan Aku hidup kerana Bapa hidup. Demikianlah juga, orang yang makan tubuh-Ku akan hidup kerana Aku hidup. ⁵⁸ Inilah roti yang turun dari syurga, bukan seperti roti yang dimakan oleh nenek moyangmu,

yang kemudiannya mati juga walaupun telah memakannya. Sebaliknya, sesiapa yang makan roti ini akan hidup kekal.”

⁵⁹ Demikianlah kata-kata Yesus ketika mengajar di saumaah^k di Kapernaum.

Kata-kata untuk murid Yesus

⁶⁰ Antara murid yang mendengar kata-kata-Nya itu, ramai yang berkata, “Ajaran ini terlalu susah difahami. Siapakah yang dapat menerimanya?”

⁶¹ Yesus tahu tanpa diberitahu akan rungutan murid-murid-Nya. Lalu Dia berkata kepada mereka, “Adakah perkara ini menyebabkan kamu enggan percaya? ⁶² Bagaimana nanti kalau kamu melihat Anak Manusia naik semula ke tempat asal-Nya? ⁶³ Hanya Roh Kudus memberi hidup. Tubuh tidak ada faedahnya. Apa yang Kukatakan kepadamu ini datang daripada Roh Kudus dan memberi hidup. ⁶⁴ Sungguhpun begitu, sebilangan daripadamu tidak percaya.” (Yesus mengetahui dari mulanya siapa yang enggan percaya dan siapa yang akan mengkhianati-Nya.) ⁶⁵ Yesus berkata lagi, “Maka itulah sebabnya Aku berkata kepadamu, tiada seorang pun dapat

^k**6:59** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

datang kepada-Ku kecuali dengan keredaan Allah.”

Pengakuan Petrus

⁶⁶ Selepas itu, ramai murid Yesus menjauhkan diri dan tidak lagi mengikut-Nya. ⁶⁷ Oleh yang demikian, Yesus bertanya kepada murid-Nya yang dua belas itu, “Adakah kamu juga akan meninggalkan-Ku?”

⁶⁸ Simon Petrus berkata kepada Yesus, “Tuhan, kepada siapa lagi akan kami pergi? Engkaulah yang memiliki kata-kata hidup yang kekal. ⁶⁹ Kami percaya sepenuh hati bahawa Engkaulah Yang Suci daripada Allah.”

⁷⁰ Yesus berkata, “Tidakkah kamu dua belas orang ini Kupilih, tetapi seorang daripadamu ialah iblis?” ⁷¹ Yang dimaksudkan oleh Yesus ialah Yudas anak Simon Iskariot. Meskipun Yudas salah seorang murid Yesus yang dua belas itu, dia akan mengkhianati-Nya.

Yesus di Perayaan Pondok Daun

7 ¹ Selepas itu, Yesus pergi berjalan di Galilea. Dia tidak pergi ke daerah Yudea kerana orang Yahudi di situ berniat hendak membunuh-Nya.

² Ketika itu perayaan orang Yahudi, iaitu Perayaan Pondok Daun hampir tiba. ³ Oleh itu, saudara-saudara Yesus berkata kepada-Nya, “Beredarlah dari sini ke Yudea, supaya murid-murid-Mu dapat melihat perbuatan-Mu. ⁴ Orang tidak menyembunyikan perbuatannya kalau ingin menjadi ternama. Kerana Kamu sudah melakukan perkara-perkara ini, biarlah diri-Mu dikenal orang di dunia.” ⁵ Saudara-saudara Yesus sendiri tidak percaya kepada-Nya.

⁶ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Saat-Ku belum sampai lagi. Saatmu bila-bila sahaja. ⁷ Dunia ini tiada sebab untuk membencimu. Tetapi dunia membenci-Ku, kerana Aku memberikan kesaksian tentangnya bahawa kerjanya durjana. ⁸ Pergilah menyambut perayaan itu. Aku tidak pergi kerana saat-Ku belum sampai sepenuhnya.” ⁹ Setelah berkata demikian, Yesus tetap tinggal di Galilea.

¹⁰ Apabila saudara-saudara-Nya telah bertolak untuk menghadiri perayaan itu, Yesus pun pergi juga secara diam-diam. ¹¹ Pada masa perayaan itu orang Yahudi mencari Yesus. Mereka bertanya, “Di manakah Dia?”

¹² Orang ramai berbisik-bisik tentang-Nya. Ada yang berkata, “Dia seorang yang baik.”

Ada pula yang berkata, “Tidak! Dia membawa ajaran sesat!”¹³ Tetapi semuanya tidak berani bercakap secara terbuka tentang Yesus, kerana takut akan orang Yahudi.

Kesaksian Yesus tentang diri-Nya

¹⁴ Pada pertengahan masa perayaan itu, Yesus masuk ke Bait Suci lalu mengajar.¹⁵ Orang Yahudi tercengang mendengar kata-kata-Nya lalu berkata, “Bagaimanakah orang ini begitu berpengetahuan walaupun tidak dididik?”

¹⁶ Lalu Yesus menjawab, “Apa Kuajarkan bukanlah ajaran-Ku, tetapi ajaran Dia yang mengutus-Ku.¹⁷ Orang yang mahu melaksanakan kehendak Allah akan tahu sama ada ajaran ini datang daripada diri-Ku atau daripada Allah.

¹⁸ Seseorang yang bercakap atas namanya sendiri mencari kemuliaan bagi dirinya. Sebaliknya, seseorang yang mencari kemuliaan bagi Dia yang mengutusnya, adalah jujur dan bersih daripada sebarang kepalsuan.¹⁹ Tidakkah Musa menyampaikan hukum Taurat kepadamu? Tetapi tiada seorang pun antara kamu yang melaksanakan hukum Taurat itu. Mengapakah kamu hendak membunuh-Ku?”

²⁰ Orang ramai menjawab, “Kamu dirasuk roh iblis! Siapa pula yang hendak membunuh-Mu?”²¹ Yesus berkata kepada mereka, “Aku

melakukan satu mukjizat, lalu kamu semua berasa takjub. ²² Musa telah memberimu peraturan bersunat. Oleh itu, pada hari Sabat pun kamu hendak menyunatkan anak lelakimu. (Sebenarnya peraturan bersunat itu bukanlah bermula daripada Musa, tetapi daripada nenek moyangmu sebelumnya.) ²³ Kiranya seorang anak lelaki boleh disunatkan pada hari Sabat kerana tidak mahu melanggar hukum Musa, mengapakah kamu marah kepada-Ku kerana menyembuhkan seluruh tubuh seseorang pada hari Sabat? ²⁴ Janganlah hakimi seseorang berdasarkan apa yang dilihat. Hakimilah dengan adil.”

²⁵ Sebilangan penduduk Yerusalem berkata, “Bukankah orang ini yang dicari oleh mereka untuk dibunuh? ²⁶ Lihatlah, Dia bercakap di hadapan orang ramai, tetapi mereka diam sahaja. Adakah para pemerintah itu benar-benar tahu bahawa Dia Kristus? ²⁷ Orang ini, kita tahu tempat asal-Nya. Tetapi, apabila Kristus datang, tiada siapa yang tahu akan tempat asal-Nya.”

²⁸ Ketika Yesus mengajar di Bait Suci, Dia berseru dengan suara lantang, “Kamu tentu mengenal siapa Aku dan di mana tempat asal-Ku. Aku datang bukanlah dengan kehendak-Ku sendiri.

Dia yang mengutus-Ku dapat dipercayai, tetapi kamu tidak mengenal-Nya. ²⁹ Aku mengenal-Nya kerana Dialah yang mengutus-Ku dan Aku datang daripada-Nya.”

³⁰ Selepas itu, mereka cuba menangkap Yesus. Tetapi tiada seorang pun memegang-Nya kerana saat-Nya belum sampai. ³¹ Sebilangan besar orang ramai itu percaya kepada Yesus. Mereka berkata, “Apabila Kristus datang, adakah Dia akan melakukan lebih banyak mukjizat daripada orang ini?” ³² Apabila bisikan orang ramai didengar oleh orang Farisi, mereka dan para ketua imam pun menyuruh beberapa orang pengawal Bait Suci menangkap Yesus. ³³ Namun demikian, Yesus berkata, “Aku akan bersamamu sebentar sahaja. Selepas itu, Aku akan pulang kepada Dia yang mengutus-Ku. ³⁴ Kamu akan mencari-Ku, tetapi tidak dapat menemui-Ku. Di mana Aku berada, kamu tidak dapat ikut.”

³⁵ Orang Yahudi berkata sesama sendiri, “Ke manakah Dia hendak pergi sehingga kita tidak dapat menemui-Nya? Adakah Dia hendak pergi kepada orang Yahudi yang tinggal di perantauan dalam kalangan orang Yunani untuk mengajar orang Yunani? ³⁶ Apakah maksud kata-kata-Nya, ‘Kamu akan mencari-Ku tetapi tidak dapat menemui-Ku’ dan ‘Di mana Aku berada, kamu tidak dapat ikut?’”

³⁷ Pada hari terakhir perayaan itu, iaitu hari yang terutama, Yesus berdiri lalu berkata dengan suara lantang, “Sesiapa yang dahaga, datanglah kepada-Ku untuk minum. ³⁸ Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, ‘Sesiapa yang percaya kepada-Ku, dalam hatinya akan terpancar mata air yang memberi hidup.’ ” ³⁹ (Yang dimaksudkan oleh Yesus ialah Roh Kudus yang akan diterima kelak oleh orang yang percaya kepada-Nya. Pada masa itu Roh Kudus belum dikurniakan, kerana Yesus belum dimuliakan.)

Perbalahan tentang siapa Yesus

⁴⁰ Sebilangan orang yang mendengar kata-kata Yesus berkata, “Sudah tentu orang inilah Nabi itu!”

⁴¹ Ada pula yang berkata, “Dialah Kristus yang diutus oleh Allah.”

Sebaliknya, ada yang berkata, “Kristus yang diutus oleh Allah bukan dari Galilea. ⁴² Menurut Kitab Suci, Kristus yang diutus Allah itu keturunan Raja Daud dan akan dilahirkan di kota Betlehem, tempat asal Raja Daud.” ⁴³ Demikianlah mereka berbalah lalu berpihak-pihak kerana Yesus.

7:37: Im 23:36. **7:38:** Yeh 47:1; Za 14:8.

7:42: 2Sam 7:12; Mi 5:2.

⁴⁴ Beberapa orang ingin menangkap-Nya, namun tiada siapa pun memegang-Nya.

⁴⁵ Kemudian para pengawal Bait Suci datang kepada para ketua imam dan orang Farisi. Lalu mereka bertanya kepada para pengawal itu, “Mengapakah kamu tidak membawa Dia ke sini?”

⁴⁶ Para pengawal itu menjawab, “Belum pernah seseorang bercakap seperti-Nya!”

⁴⁷ Orang Farisi berkata, “Adakah kamu disesatkan juga? ⁴⁸ Adakah mana-mana pemerintah atau orang Farisi percaya kepada-Nya? ⁴⁹ Tetapi hanya orang ramai ini tidak mengenal hukum Taurat – terlaknatlah mereka ini!”

⁵⁰ Nikodemus, seorang Farisi yang pernah pergi menemui Yesus, berkata, ⁵¹ “Bukankah mengikut hukum Taurat, kita tidak boleh menghukum seseorang tanpa perbicaraan dan penyiasatan terlebih dahulu?”

⁵² Mereka berkata, “Adakah kamu juga berasal dari Galilea? Kajilah, dan kamu akan tahu tiada nabi yang datang dari Galilea.” ⁵³ Selepas itu, semua orang pulang ke rumah.

Perempuan yang berzina

8¹ Akan tetapi, Yesus pergi ke Bukit Zaitun.
² Pada keesokan harinya, pagi-pagi lagi Dia masuk ke Bait Suci. Semua orang di situ datang kepada-Nya. Dia duduk lalu mengajar mereka.
³ Ahli Taurat dan orang Farisi membawa kepada Yesus seorang perempuan yang didapati berzina. Mereka membuat perempuan itu berdiri di hadapan semua orang di situ.
⁴ Mereka berkata kepada Yesus, “Guru, perempuan ini ditangkap ketika berzina.
⁵ Dalam hukum Taurat, Musa memberikan perintah supaya perempuan demikian direjam sampai mati. Bagaimanakah pendapat-Mu?”
⁶ Mereka bertanya demikian untuk menduga Yesus supaya mempunyai alasan untuk menuduh-Nya. Tetapi Yesus tunduk menulis di tanah dengan jari-Nya.
⁷ Mereka tetap mengulangi pertanyaan itu. Oleh yang demikian, Yesus meluruskan badan-Nya lalu berkata kepada mereka, “Sesiapa di antaramu yang tidak berdosa, hendaklah dia yang pertama merejam batu kepadanya.”
⁸ Kemudian Yesus tunduk menulis semula di tanah.
⁹ Setelah mendengar kata-kata Yesus, seorang demi seorang, bermula dengan yang tertua, beredar dari situ. Akhirnya

hanya Yesus dan perempuan itu yang tinggal.

¹⁰ Yesus meluruskan badan-Nya lalu berkata kepada perempuan itu, “Di manakah mereka? Tidak adakah orang yang mengutukmu?”

¹¹ Perempuan itu menjawab, “Tidak ada, Tuhan.”

Yesus berkata, “Aku pun tidak menghukummu. Pergilah, jangan berbuat dosa lagi.”

Yesus cahaya dunia

¹² Yesus berkata lagi kepada mereka, “Akulah cahaya dunia. Orang yang mengikut-Ku tidak akan berjalan dalam kegelapan tetapi akan mempunyai cahaya hidup.”

¹³ Lalu orang Farisi yang hadir berkata kepada Yesus, “Kamu memberikan kesaksian tentang diri-Mu sendiri. Kesaksian-Mu tidak sah.”

¹⁴ Yesus menjawab, “Walaupun Aku memberikan kesaksian tentang diri-Ku sendiri, kesaksian-Ku benar, kerana Aku tahu dari mana Aku datang dan ke mana Aku pergi, sedangkan kamu tidak tahu dari mana Aku datang dan ke mana Aku pergi. ¹⁵ Kamu menghakimi orang mengikut ukuran manusia. Aku tidak menghakimi sesiapa pun. ¹⁶ Tetapi sekiranya Aku menghakimi, penghakiman-Ku adalah betul, kerana Aku tidak

menghakimi sendirian. Bapa yang mengutus-Ku menghakimi bersama-sama-Ku. ¹⁷ Ada tersurat dalam hukum Taurat kamu: Kesaksian dua orang adalah sah. ¹⁸ Aku memberikan kesaksian tentang diri-Ku. Bapa yang mengutus-Ku juga memberikan kesaksian tentang diri-Ku.”

¹⁹ Oleh itu, mereka bertanya, “Di manakah Bapa-Mu itu?”

Yesus menjawab, “Kamu tidak mengenal-Ku atau Bapa-Ku. Kalaulah kamu mengenal-Ku, tentu kamu mengenal Bapa-Ku juga.”

²⁰ Yesus mengatakan segala ini di perbendaharaan ketika mengajar di Bait Suci. Tetapi tiada seorang pun menangkap-Nya, kerana saat-Nya belum sampai.

²¹ Yesus berkata lagi kepada mereka, “Aku akan pergi dan kamu akan mencari-Ku, tetapi kamu akan mati dalam dosamu. Ke mana Aku pergi, kamu tidak dapat ikut.”

²² Lalu orang Yahudi berkata, “Adakah Dia hendak membunuh diri?” Kerana Dia berkata, “Kamu tidak boleh pergi ke tempat Aku pergi.”

²³ Yesus berkata, “Kamu datang dari bawah; Aku datang dari atas. Kamu berasal dari dunia; Aku tidak berasal dari dunia. ²⁴ Itulah maka Kukatakan kepadamu, kamu akan mati dalam

dosamu. Memanglah kamu akan mati dalam dosamu jika kamu tidak percaya bahawa Akulah Dia yang Kukatakan.”

²⁵ “Siapa Kamu ini?” tanya mereka.

Yesus menjawab, “Akulah Dia yang telah Kukatakan kepadamu dari mula lagi. ²⁶ Ada banyak lagi yang perlu Kukatakan dan Kuadili tentangmu. Tetapi Dia yang mengutus-Ku dapat dipercayai. Aku menyampaikan kepada dunia apa yang Kudengar daripada-Nya.”

²⁷ Mereka tidak faham bahawa selama ini Yesus bercakap tentang Bapa. ²⁸ Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Apabila kamu meninggikan Anak Manusia, barulah kamu tahu bahawa Akulah Dia yang Kukatakan, dan Aku tidak pernah melakukan sesuatu menurut kehendak-Ku. Aku hanya mengatakan apa yang diajarkan oleh Bapa. ²⁹ Dia yang mengutus-Ku ada di sisi-Ku. Dia tidak pernah membiarkan Aku keseorangan, kerana Aku sentiasa melakukan apa yang diredai-Nya.”

³⁰ Setelah mendengar kata-kata Yesus, ramai orang percaya kepada-Nya.

Kebenaran yang membebaskanmu

³¹ Yesus berkata kepada orang Yahudi yang percaya kepada-Nya, “Kalau kamu mengikut ajaran-Ku, kamu murid-Ku yang sejati. ³² Maka

kamu akan mengenal kebenaran dan kebenaran akan membebaskanmu.”

³³ Mereka berkata, “Kami keturunan Abraham. Kami belum pernah diperhamba. Apakah maksud kata-kata-Mu, ‘Kamu akan dibebaskan’?”

³⁴ Yesus berkata kepada mereka, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang melakukan dosa menjadi hamba kepada dosa. ³⁵ Seorang hamba tidak mempunyai kedudukan kekal dalam sebuah keluarga, tidak seperti seorang anak yang selama-lamanya anggota keluarga itu. ³⁶ Dengan demikian, jika Anak membebaskanmu, kamu akan bebas sepenuhnya. ³⁷ Aku tahu kamu keturunan Abraham, tetapi kamu ingin membunuh-Ku kerana kata-kata-Ku tidak mendapat tempat dalam dirimu. ³⁸ Aku menyampaikan apa yang dinyatakan oleh Bapa-Ku. Demikian juga kamu melakukan apa yang disampaikan oleh bapakmu.”

³⁹ Mereka menjawab, “Bapa kami Abraham.”

Tetapi Yesus berkata, “Sekiranya kamu benar-benar anak Abraham, tentu kamu lakukan apa yang telah dilakukan oleh Abraham. ⁴⁰ Aku hanya memberitahumu kebenaran yang Kudengar daripada Allah, tetapi kamu hendak membunuh-Ku. Ini bukanlah perlakuan Abraham!

⁴¹ Kamu melakukan apa yang dilakukan oleh bapamu.”

Mereka menjawab, “Kami bukan anak luar nikah. Bapa kami satu, iaitu Allah.”

⁴² Yesus berkata kepada mereka, “Kalaulah benar Allah Bapamu, tentu kamu mengasihi-Ku, kerana Aku datang daripada-Nya, bukan dengan kehendak-Ku sendiri, tetapi diutus-Nya.

⁴³ Mengapa kamu tidak mengerti kata-kata-Ku? Kerana kamu enggan mendengar kata-kata-Ku.

⁴⁴ Bapamu Iblis dan kamu anak-anaknya. Kamu lebih cenderung menurut kehendak bapamu. Dari mulanya lagi, Iblis pembunuh. Dia tidak menyokong kebenaran, kerana dalam dirinya tidak ada kebenaran. Apabila dia berdusta, dia bercakap dari sifat tabiinya sendiri, kerana dia pendusta dan bapa segala dusta. ⁴⁵ Sebaliknya Aku menyampaikan kebenaran, maka itulah kamu tidak mahu percaya kepada-Ku. ⁴⁶ Siapakah antaramu yang dapat membuktikan Aku berdosa? Jika Aku berkata benar, mengapa kamu tidak mempercayai-Ku? ⁴⁷ Orang yang daripada Allah mendengar firman Allah. Kamu tidak mendengarnya, kerana kamu bukan daripada Allah.”

⁴⁸ Orang Yahudi berkata, “Tidakkah benar kami katakan, Kamu ini orang Samaria dan dirasuk roh iblis?”

⁴⁹ Yesus menjawab, “Aku tidak dirasuk roh iblis. Aku memuliakan Bapa-Ku, tetapi kamu menghina-Ku. ⁵⁰ Aku tidak mencari kemuliaan untuk diri-Ku, tetapi Dia yang mencarinya untuk-Ku, dan Dialah yang menghakimi.

⁵¹ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang menurut kata-Ku tidak akan mati.”

⁵² Orang Yahudi berkata kepada-Nya, “Sekarang tahulah kami bahawa Kamu dirasuk roh iblis! Abraham sudah mati, begitu juga nabi-nabi. Tetapi Kamu berkata, ‘Sesiapa yang menurut kata-Ku tidak akan mati.’ ⁵³ Adakah Kamu lebih besar daripada bapa kami Abraham yang sudah mati? Nabi-nabi juga sudah mati. Kamu sangka Kamu ini siapa?”

⁵⁴ Yesus menjawab, “Sekiranya Aku memuliakan diri-Ku, kemuliaan itu tidak bererti. Bapa-Ku yang memuliakan Aku. Kamu mengatakan, “Dia itu Allah kami.” ⁵⁵ Namun demikian, kamu tidak mengenal-Nya, tetapi Aku mengenal-Nya. Sekiranya Kukatakan Aku tidak mengenal-Nya, jadilah Aku pendusta sepertimu. Aku mengenal-Nya dan taat akan firman-Nya. ⁵⁶ Bapamu Abraham bersukacita melihat hari-Ku. Dia melihatnya dan bergembira.”

⁵⁷ Orang Yahudi berkata kepada-Nya, “Usia-Mu belum sampai lima puluh tahun. Bagaimana Kamu mungkin berjumpa dengan Abraham?”

⁵⁸ Yesus berkata kepada mereka,
“Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu,
apa yang Kukatakan ini benar, sebelum Abraham
dilahirkan Aku sudah ada.”

⁵⁹ Setelah itu, mereka memungut batu untuk
merejam Yesus, tetapi Yesus menyembunyikan
diri-Nya lalu meninggalkan Bait Suci.

Penyembuhan seorang lelaki yang buta sejak lahir

9 ¹ Ketika Yesus sedang lalu di suatu tempat,
Dia terpandang seorang lelaki yang buta
sejak lahir. ² Para murid-Nya bertanya, “Rabbi,
siapakah yang berdosa, orang itu atau ibu
bapanya, maka dia dilahirkan buta?”

³ Yesus menjawab, “Bukan dosa dia dan bukan
juga dosa ibu bapanya. Dia begitu supaya kuasa
Allah dapat dinyatakan melaluinya. ⁴ Selagi
siang, kita mesti melakukan tugas Dia yang
telah mengutus-Ku. Malam akan tiba apabila
seorang pun tidak dapat melakukan apa-apa lagi.
⁵ Selama Aku di dunia, Akulah cahaya dunia.”

⁶ Selepas itu, Yesus berlutut ke tanah untuk
membuat tanah liat lalu menyapukannya pada
mata orang itu. ⁷ Yesus berkata kepadanya,
“Pergilah basuh mukamu di Kolam Siloam”

(Siloam berarti “diutus” dalam bahasa Ibrani). Orang itu pun pergi membasuh muka. Apabila dia kembali, dia sudah dapat melihat.

⁸ Jiran tetangga dan semua orang yang tahu dia buta bertanya, “Bukankah orang ini yang selalu duduk meminta sedekah?”

⁹ Ada yang berkata, “Ya, dialah.” Ada pula yang berkata, “Bukan, hanya serupa dengannya.”

Tetapi orang itu sendiri mengaku, “Akulah orang itu.”

¹⁰ Mereka bertanya kepadanya, “Bagaimanakah sekarang kamu dapat melihat?”

¹¹ Dia menjawab, “Orang yang bernama Yesus telah membuat secebis tanah liat, disapukan-Nya ke mataku lalu berkata, ‘Pergilah basuh mukamu di Kolam Siloam.’ Sebaik-baik sahaja aku membasuh muka di kolam itu, aku pun dapat melihat.”

¹² Mereka bertanya, “Di manakah orang itu?”

Dia menjawab, “Aku tidak tahu.”

Perselisihan pendapat tentang Yesus

¹³ Orang yang dahulunya buta itu dibawa mereka kepada orang Farisi. ¹⁴ Yesus telah membuat tanah liat dan menyembuhkan mata orang itu pada hari Sabat. ¹⁵ Orang Farisi menanya orang itu bagaimana dia dapat melihat. Jawabnya, “Dia menyapukan tanah liat pada

mataku, lalu aku membasuh muka, dan kemudian aku dapat melihat.”

¹⁶ Sebilangan orang Farisi itu berkata, “Dia bukan daripada Allah, kerana Dia melanggar peraturan hari Sabat.” Tetapi ada pula yang berkata, “Kalau Dia orang berdosa, bagaimana Dia dapat melakukan mukjizat begini?” Dengan demikian timbullah perselisihan pendapat dalam kalangan mereka.

¹⁷ Orang Farisi bertanya lagi kepada orang yang dahulunya buta itu, “Kamu berkata Dia menyembuhkan matamu. Bagaimana pendapatmu tentang Dia?”

Orang itu menjawab, “Dia seorang nabi.”

¹⁸ Orang Yahudi enggan percaya bahawa orang itu dahulu buta matanya. Oleh itu, mereka memanggil ibu bapanya. ¹⁹ Mereka bertanya, “Benarkah dia anak kamu yang buta sejak lahir? Bagaimana pula dia boleh celik?”

²⁰ Ibu bapa orang itu menjawab, “Ya, benar dia anak kami yang buta sejak lahir. ²¹ Tetapi kami tidak tahu bagaimana dia dapat melihat sekarang dan siapa yang menyembuhkan matanya. Dia sudah dewasa, tanyalah dia. Dia dapat menjawab sendiri.” ²² Ibu bapa orang itu berkata demikian kerana takut akan orang Yahudi itu yang telah bersetuju bahawa sesiapa yang mengakui Yesus

itu Kristus akan disingkirkan daripada saumaah¹.

²³ Maka oleh itulah ibu bapanya berkata, “Dia sudah dewasa, tanyalah dia.”

²⁴ Mereka pun memanggil orang itu lagi dan berkata, “Akuilah kemuliaan Allah! Kamu tahu Dia itu orang berdosa.”

²⁵ Dia menjawab, “Sama ada Dia orang berdosa atau tidak, aku tidak tahu. Yang kutahu, dahulu aku buta, sekarang aku dapat melihat.”

²⁶ Mereka bertanya lagi, “Apa yang dibuat-Nya kepadamu? Bagaimana Dia mencelikkan matamu?”

²⁷ Dia menjawab, “Aku telah pun memberitahumu, tetapi kamu tidak mendengar. Mengapakah kamu hendak mendengarnya lagi? Adakah kamu ingin menjadi murid-Nya juga?”

²⁸ Mereka mencacinya dan berkata, “Kamulah murid-Nya. Kami murid Musa. ²⁹ Kami tahu Allah berfirman kepada Musa. Orang itu, tiada siapa yang tahu dari mana Dia datang.”

³⁰ “Hairan sekali,” kata orang yang dahulunya buta itu. “Kamu tidak tahu dari mana Dia datang, tetapi Dia telah mencelikkan mataku! ³¹ Kita tahu bahawa Allah tidak mendengar permintaan orang berdosa. Tetapi jika seseorang takut akan

¹9:22 Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Allah dan melakukan kehendak-Nya, Allah akan mendengar permintaannya. ³² Sejak permulaan dunia, belum pernah kedengaran kisah orang yang dapat mencelikkan mata orang yang buta sejak lahir. ³³ Jika orang itu bukan daripada Allah, tidaklah dapat Dia melakukannya.”

³⁴ Mereka berkata kepadanya, “Kamu orang berdosa sejak lahir. Kamu hendak cuba mengajar kami?” Mereka pun menghalaunya keluar.

Kebutaan rohani

³⁵ Yesus mendengar bahawa mereka telah menghalaunya keluar, dan selepas menemuinya, Dia bertanya, “Adakah kamu percaya kepada Anak Manusia?”

³⁶ Orang itu menjawab, “Siapakah Dia, Tuan? Katakanlah kepadaku, supaya aku dapat percaya kepada-Nya.”

³⁷ Yesus berkata, “Kamu sudah pun melihat-Nya. Dialah yang sedang bercakap denganmu sekarang.”

³⁸ Orang itu berkata, “Ya Tuhan, aku percaya.” Dia pun sujud kepada Yesus.

³⁹ Yesus berkata, “Aku datang ke dunia ini untuk menghakimi manusia; supaya orang buta dapat melihat, manakala orang yang dapat melihat pula buta.”

⁴⁰ Ketika orang Farisi di situ mendengar kata-kata Yesus, mereka bertanya kepada-Nya, “Adakah Kaumaksudkan kami juga buta?”

⁴¹ Yesus menjawab, “Kalaulah kamu buta, tidaklah kamu berdosa. Tetapi kamu berkata kamu dapat melihat, maka kamu tetap berdosa.”

Ibarat tentang seorang gembala yang baik

10 ¹ “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika seseorang memasuki kandang domba dengan cara lain, bukan melalui pintu, orang itu pencuri dan perompak. ² Orang yang masuk melalui pintu ialah gembala domba. ³ Penjaga kandang membuka pintu untuknya, dan kawan domba itu mendengar suaranya. Dia memanggil nama setiap dombanya. Gembala itu pun memimpin domba-domba itu keluar. ⁴ Setelah semua domba keluar, gembala itu berjalan di hadapan dan domba-domba mengikutnya kerana mengenal suaranya. ⁵ Kawan domba itu tidak akan mengikut orang lain, malah akan lari daripadanya, kerana tidak mengenal suaranya.”

⁶ Yesus bercerita secara kiasan, tetapi mereka tidak faham akan maksud-Nya.

⁷ Oleh yang demikian, Yesus berkata, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, Akulah pintu bagi kawan domba itu. ⁸ Orang yang datang sebelum Aku ialah pencuri dan

perompak, tetapi kawanan domba tidak mengikut suara mereka. ⁹ Akulah pintu. Sesiapa yang masuk melalui-Ku akan diselamatkan. Dia boleh keluar masuk, dan dia akan dapat mencari padang rumput. ¹⁰ Pencuri datang untuk mencuri, membunuh dan membinasakan. Tetapi Aku datang supaya manusia mempunyai hidup bahkan mempunyai hidup yang berlimpah-limpah.

¹¹ Akulah gembala yang baik. Gembala yang baik mengorbankan nyawanya untuk kawanan dombanya. ¹² Orang upahan yang bukan gembala atau pemilik kawanan domba itu akan lari apabila melihat serigala datang. Maka serigala menerkam domba itu dan menyebabkannya lari bertemparan. ¹³ Orang upahan itu lari kerana dia bekerja semata-mata untuk mendapat upah. Dia tidak peduli akan kawanan domba itu. ¹⁴ Akulah gembala yang baik. Aku mengenal domba-domba-Ku dan domba-domba-Ku mengenal-Ku, ¹⁵ sebagaimana Bapa mengenal-Ku, dan Aku mengenal-Nya. Aku mengorbankan nyawa-Ku untuk domba-domba-Ku. ¹⁶ Aku miliki domba-domba lain yang bukan daripada kawanan ini. Mereka juga mesti Kupimpin, dan mereka akan

mengikuti suara-Ku. Kesemuanya akan menjadi satu kawanan dengan satu gembala.

¹⁷ Bapa mengasihi-Ku kerana Aku sanggup menyerahkan nyawa-Ku agar dapat mengambilnya semula nanti. ¹⁸ Sesiapa pun tidak dapat meragut nyawa-Ku. Aku menyerahkannya dengan rela. Aku berkuasa menyerahkan nyawa-Ku dan berkuasa mengambilnya semula. Inilah perintah yang Kuterima daripada Bapa-Ku.”

¹⁹ Setelah mendengar kata-kata Yesus, orang Yahudi berselisih pendapat lagi. ²⁰ Sebilangan besar berkata, “Dia dirasuk roh iblis! Dia tidak siuman! Mengapa kamu mendengar kata-Nya?”

²¹ Namun demikian, ada yang berkata, “Orang yang dirasuk roh iblis tidak akan dapat bercakap begini. Dan bagaimanakah roh iblis dapat mencelikkan orang buta?”

Yesus ditolak orang Israel

²² Di Yerusalem, Perayaan Pentahbisan sedang disambut. ²³ Ketika itu musim sejuk, dan Yesus sedang berjalan di serambi Salomo di dalam Bait Suci. ²⁴ Orang Yahudi pun berkumpul di sekeliling-Nya lalu berkata, “Sampai bilakah Engkau membiarkan kami bertanya-tanya? Katakanlah dengan jelas: Adakah Engkau ini Kristus?”

²⁵ Yesus menjawab, “Aku sudah pun mengatakannya kepada kamu, tetapi kamu tidak mahu percaya. Segala yang Kulakukan dengan nama Bapa-Ku memberikan kesaksian tentang diri-Ku. ²⁶ Kamu tidak percaya kerana kamu bukan kawan domba-Ku. ²⁷ Domba-domba-Ku mendengar suara-Ku. Aku mengenal mereka dan mereka mengikut-Ku. ²⁸ Aku memberi mereka hidup yang kekal. Mereka tidak akan binasa. Tiada siapa dapat merampas mereka daripada tangan-Ku. ²⁹ Bapa-Ku yang mengurniakan mereka kepada-Ku lebih besar daripada siapa pun. Tiada siapa dapat merampas mereka daripada Bapa. ³⁰ Aku dan Bapa adalah satu.”

³¹ Selepas itu, orang Yahudi yang hadir pun memungut batu sekali lagi untuk merejam Yesus. ³² Tetapi Yesus berkata kepada mereka, “Aku telah banyak melakukan perbuatan baik yang diserahkan Bapa kepada-Ku. Perbuatan manakah yang mendorong kamu merejam-Ku?”

³³ Orang Yahudi itu menjawab, “Kami hendak merejam Kamu bukan kerana perbuatan-Mu yang baik, tetapi kerana Kamu mengkufuri Allah. Kamu hanyalah seorang manusia, tetapi Kamu menganggap diri-Mu Allah!”

³⁴ Yesus berkata kepada mereka, “Tidakkah tersurat dalam hukum Taurat kamu: Allah berfirman, ‘Kamu ialah tuhan’? ³⁵ Jika Allah menyebut orang sebagai ‘ilahi’ kerana firman Allah datang kepada mereka, (apa yang tersurat dalam Kitab Suci tidak dapat dibatalkan) ³⁶ bagaimana dengan Dia yang telah disucikan dan diutus ke dunia oleh Bapa? Wajarkah kamu katakan Aku mengkufuri Allah kerana Aku berkata, ‘Aku Anak Allah’? ³⁷ Andainya Aku tidak melakukan kehendak Bapa, janganlah percaya kepada-Ku. ³⁸ Tetapi jika Aku melakukannya, percayalah kepada apa yang Kulakukan, walaupun kamu tidak percaya kepada-Ku. Dengan demikian akan fahamlah kamu bahawa Bapa di dalam Aku dan Aku di dalam Bapa.”

³⁹ Mereka mencuba lagi menangkap Yesus, tetapi Yesus dapat melepaskan diri daripada tangan mereka.

⁴⁰ Yesus kembali ke seberang Sungai Yordan lalu tinggal di tempat Yohanes membaptis orang dahulu. ⁴¹ Ramai orang datang kepada Yesus. Mereka berkata, “Yohanes tidak melakukan mukjizat, namun kata-katanya tentang orang ini semuanya benar.” ⁴² Ramai orang di kawasan itu percaya kepada Yesus.

Kematian dan kebangkitan Lazarus

11 ¹ Pada suatu ketika, seorang lelaki bernama Lazarus jatuh sakit. Dia tinggal di Betania bersama dua orang saudara perempuannya bernama Maria dan Marta.

² Maria, yang saudaranya Lazarus sedang sakit, merupakan seorang perempuan yang dahulu pernah menuangkan minyak wangi ke kaki Tuhan dan menyapunya dengan rambutnya.

³ Kedua-dua beradik perempuan itu mengirim khabar kepada Yesus, “Tuhan, dia yang Kaukasihi itu sakit.”

⁴ Apabila menerima berita itu, Yesus berkata, “Sakit Lazarus tidak akan membawa maut. Hal ini berlaku untuk memuliakan Allah. Disebabkan kejadian ini Anak Allah akan dimuliakan.”

⁵ Yesus mengasihi Marta, Maria dan Lazarus.

⁶ Tetapi apabila Dia mendapat berita Lazarus sakit, Dia sengaja tinggal di tempat itu dua hari lagi. ⁷ Kemudian Dia berkata kepada murid-murid-Nya, “Marilah kita pulang ke Yudea.”

⁸ Para murid-Nya menjawab, “Rabbi, bukankah orang Yahudi di situ baru sahaja hendak

merejam-Mu? Sekarang Engkau hendak pulang ke situ?”

⁹ Yesus berkata, “Bukankah waktu siang dua belas jam lamanya? Orang yang berjalan pada waktu siang tidak akan tersandung kakinya, kerana masih ada cahaya di dunia ini. ¹⁰ Tetapi jika dia berjalan pada waktu malam, kakinya akan tersandung kerana sudah tiada cahaya lagi.” ¹¹ Kemudian Yesus menambah, “Sahabat kita Lazarus sedang tidur. Aku akan pergi membangunkannya.”

¹² Para murid Yesus berkata, “Tuhan, sekiranya Lazarus tidur, dia akan sembuh.”

¹³ Yang dimaksudkan oleh Yesus ialah Lazarus sudah meninggal dunia, tetapi murid-murid-Nya mengambil erti tidur yang biasa. ¹⁴ Oleh itu, Yesus berkata kepada mereka dengan jelas, “Lazarus sudah meninggal. ¹⁵ Tetapi, untuk kebaikanmu, Aku bersyukur Aku tidak bersamanya ketika itu. Dengan demikian kamu akan percaya kepada-Ku. Marilah kita pergi kepadanya.”

¹⁶ Tomas yang disebut Didimus berkata kepada murid Yesus yang lain. “Ya, marilah kita pergi juga supaya kita mati bersama-Nya!”

¹⁷ Ketika Yesus sampai, Dia mendapati Lazarus sudah empat hari di dalam makam. ¹⁸ Betania terletak kira-kira dua batu dari Yerusalem. ¹⁹ Oleh itu, ramai orang Yahudi datang melawat Maria

dan Marta untuk melipurkan hati mereka yang duka kerana kematian Lazarus.

²⁰ Apabila Marta mendengar Yesus datang, dia terus pergi untuk menyambut-Nya, manakala Maria tinggal di rumah. ²¹ Marta berkata kepada Yesus, “Ya Tuhan, kalaulah Engkau ada di sini pada waktu itu, tentu saudaraku masih hidup! ²² Aku tahu, sekarang pun apa sahaja permintaan-Mu akan dikabulkan Allah.”

²³ Yesus berkata kepada Marta, “Saudaramu akan hidup kembali.”

²⁴ Marta menjawab, “Aku tahu Lazarus akan hidup kembali pada hari akhir.”

²⁵ Yesus berkata kepada Marta, “Akulah kebangkitan dan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati.

²⁶ Orang hidup yang percaya kepada-Ku tidak akan mati selama-lamanya. Percayakah kamu?”

²⁷ Marta menjawab, “Ya Tuhan, aku percaya bahawa Engkaulah Kristus, Anak Allah, yang diutus oleh Allah, dan yang akan datang ke dunia ini.”

²⁸ Setelah itu, Marta pergi memanggil saudaranya Maria dan berbisik kepadanya, “Guru ada di sini. Dia memanggilmu.” ²⁹ Maria pun segera bangun lalu pergi untuk berjumpa dengan Yesus. ³⁰ Pada waktu itu Yesus belum sampai di kampung mereka. Dia masih di tempat Marta

menyambut-Nya. ³¹ Apabila orang Yahudi yang ada di rumah Maria untuk melipurkan hatinya itu melihat dia segera bangun lalu keluar, mereka pun mengikutnya kerana menyangka dia hendak ke makam Lazarus untuk menangisnya.

³² Setelah Maria melihat Yesus, dia berlutut di kaki-Nya lalu berkata, “Tuhan, kalaulah Engkau ada di sini pada waktu itu, tentu saudaraku masih hidup!”

³³ Ketika melihat Maria menangis dan semua orang Yahudi yang bersamanya, turut mengalirkan air mata, Yesus sungguh hiba dan terharu. ³⁴ Dia bertanya kepada mereka, “Di manakah kamu letakkan dia?”

Mereka menjawab, “Marilah lihat, ya Tuhan.”

³⁵ Yesus menangis. ³⁶ Semua orang Yahudi yang hadir berkata, “Lihatlah! Dia sungguh kasih akan Lazarus.”

³⁷ Namun demikian, ada yang berkata, “Dia dapat mencelikkan orang buta. Tidakkah Dia dapat mengelakkan kematian Lazarus?”

³⁸ Yesus yang masih terharu pergi ke makam Lazarus, iaitu sebuah gua yang ditutup dengan batu besar.

³⁹ Yesus berkata, “Alihkan batu itu.”

Tetapi Marta, saudara perempuan kepada orang yang meninggal itu, berkata, “Tuhan, sudah empat hari dia dimakamkan, tentu berbau.”

⁴⁰ Yesus berkata kepada Marta, “Bukankah sudah Kukatakan kepadamu, kalau kamu percaya, kamu dapat melihat kemuliaan Allah?” ⁴¹ Mereka mengalihkan batu itu. Yesus menengadahkan ke langit lalu berkata, “Ya Bapa, Aku bersyukur kepada-Mu kerana Engkau mendengar permintaan-Ku. ⁴² Aku tahu Engkau memang sentiasa mendengar permintaan-Ku. Aku menyebutnya untuk kebaikan semua orang di sini, supaya mereka percaya Engkau mengutus-Ku.” ⁴³ Selepas itu, Yesus berseru lantang, “Lazarus, keluar!” ⁴⁴ Lazarus pun keluar. Tangan dan kakinya masih berbalut kain kafan, mukanya masih dilitupi kain penutup muka. Yesus berkata kepada orang ramai di situ, “Lucutkan kain kafannya dan lepaskan dia.”

⁴⁵ Ramai orang Yahudi yang datang melawat Maria dan melihat apa yang dilakukan oleh Yesus terus percaya kepada-Nya. ⁴⁶ Namun demikian, ada yang pulang mendapatkan orang Farisi dan melaporkan apa yang dilakukan oleh Yesus.

Pakatan untuk membunuh Yesus

⁴⁷ Oleh yang demikian, orang Farisi dan ketua imam mengadakan mesyuarat Majlis Agama. Mereka berkata, “Apakah yang patut kita buat? Lihatlah, orang itu banyak melakukan mukjizat! ⁴⁸ Jika kita biarkan Dia terus melakukannya,

semua orang akan percaya kepada-Nya. Nanti orang Romawi akan datang memusnahkan kedudukan dan bangsa kita!”

⁴⁹ Seorang daripada mereka bernama Kayafas, seorang imam besar pada tahun itu, berkata pula, “Kamu semua tidak tahu suatu apa pun.

⁵⁰ Kamu tidak faham bahawa lebih baik satu orang mati untuk bangsa kita, daripada seluruh bangsa kita dimusnahkan?” ⁵¹ Kayafas bukanlah melahirkan pendapatnya sendiri. Sebagai imam besar tahun itu, dia bernubuat bahawa Yesus akan mati untuk bangsa Yahudi. ⁵² Sebenarnya Yesus mati bukan untuk bangsa Yahudi sahaja, tetapi untuk menyatukan seluruh anak Allah yang berselerak di merata-rata tempat.

⁵³ Sejak hari itu, orang Yahudi berpakat hendak membunuh Yesus. ⁵⁴ Yesus tidak lagi pergi ke sana ke mari secara terbuka di antara orang Yahudi. Dia beredar ke daerah bernama Efraim dekat gurun, dan menetap di sana bersama murid-murid-Nya.

⁵⁵ Menjelang Perayaan Paskah, ramai orang Yahudi dari kampung pergi ke Yerusalem untuk menjalani upacara bersuci sebelum perayaan itu. ⁵⁶ Mereka mencari Yesus. Ketika di Bait Suci, mereka bertanya sesama sendiri, “Bagaimana fikiranmu? Datangkah Dia ke perayaan ini?” ⁵⁷ Ketua imam dan orang Farisi telah

mengeluarkan perintah bahawa sesiapa yang tahu di mana Yesus berada mesti melaporkannya supaya Dia dapat ditangkap.

Yesus diurapi

12 ¹ Enam hari sebelum Perayaan Paskah, Yesus pergi ke Betania, tempat tinggal Lazarus yang telah dibangkitkan-Nya daripada kematian. ² Di situ Dia diperjamu. Marta menghidangkan makanan, dan Lazarus serta tetamu lain duduk bertelekan di meja bersama Yesus. ³ Kemudian Maria membawa sepaun minyak narwastu murni yang mahal, dan menuangkannya ke kaki Yesus, lalu menyapu kaki Yesus dengan rambutnya. Semerbaklah keharuman minyak itu di seluruh rumah.

⁴ Yudas Iskariot, salah seorang murid Yesus yang mengkhianati-Nya kelak berkata, ⁵ “Mengapakah minyak wangi ini tidak dijual dengan harga tiga ratus keping wang dinar, supaya wangnya dapat disedekahkan kepada orang miskin?” ⁶ Yudas berkata demikian bukanlah kerana dia prihatin terhadap orang miskin, tetapi kerana dia yang diamanahkan menyimpan wang bagi mereka sering mencuri sedikit untuk keperluannya.

⁷ Yesus berkata, “Biarkan dia begitu. Apa yang dilakukannya dimaksudkan untuk hari pengebumian-Ku. ⁸ Orang miskin sentiasa ada di sekitarmu, tetapi Aku tidaklah sentiasa bersamamu.”

⁹ Apabila orang Yahudi mendengar Yesus ada di Betania, ramai yang ke situ bukan hanya untuk melihat-Nya tetapi juga Lazarus yang telah dibangkitkan-Nya daripada kematian. ¹⁰ Ketua imam merancang hendak membunuh Lazarus juga. ¹¹ Ini disebabkan ramai orang Yahudi telah berpaling daripada mereka dan percaya kepada Yesus.

Yesus memasuki Yerusalem

¹² Pada keesokan harinya, orang ramai yang datang menyambut Perayaan Paskah mendengar bahawa Yesus sedang dalam perjalanan ke Yerusalem. ¹³ Mereka mengambil dahan-dahan pokok palma lalu pergi mengalu-alukan Yesus sambil berseru,

“Hosana!”

“Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan, Raja Israel!”

¹⁴ Yesus mendapatkan seekor keldai muda lalu menunggangnya, seperti yang tersurat:

¹⁵ “Janganlah takut. Wahai puteri Sion; lihatlah Rajamu datang menunggang seekor keldai muda!”

¹⁶ Sewaktu itu para murid Yesus tidak memahami erti segala ini. Setelah Yesus dimuliakan melalui kematian dan kebangkitan-Nya, barulah mereka menyedari bahawa segala yang dilakukan oleh orang ramai terhadap-Nya telah tersurat dalam Kitab Suci.

¹⁷ Orang yang mendengar Yesus memanggil Lazarus keluar dari makam dan melihat Dia membangkitkannya daripada kematian terus memberikan kesaksian tentang kejadian itu.

¹⁸ Dengan demikian, ramai orang datang berjumpa dengan Yesus kerana mendengar tentang mukjizat-Nya itu. ¹⁹ Orang Farisi berkata sesama sendiri, “Lihatlah, sia-sia segala usaha kita. Seluruh dunia telah mengikut-Nya.”

Yesus memberitahu tentang kematian-Nya

²⁰ Di antara orang ramai yang pergi ke Yerusalem untuk beribadat pada waktu perayaan itu ada sebilangan orang Yunani.

²¹ Mereka mendapatkan Filipus, yang berasal dari Betsaida di Galilea, lalu berkata, “Tuan, kami ingin bertemu dengan Yesus.” ²² Filipus pun

memberitahu Andreas lalu mereka berdua pergi menyampaikan hal itu kepada Yesus.

²³ Yesus berkata kepada mereka, “Sudah sampai masanya Anak Manusia dimuliakan.

²⁴ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika benih gandum tidak jatuh di tanah lalu mati, benih gandum itu hanyalah benih. Tetapi sekiranya benih itu mati, benih itu akan banyak menghasilkan buah. ²⁵ Orang yang sayangkan hidupnya akan kehilangan hidup itu. Tetapi orang yang tidak sayangkan hidupnya di dunia ini akan mendapat hidup yang kekal. ²⁶ Sesiapa yang ingin mengabdikan kepada-Ku mesti mengikut-Ku, dan di mana Aku berada, di situlah juga abdi-Ku. Orang yang mengabdikan kepada-Ku akan dihormati oleh Bapa.”

²⁷ “Hati-Ku resah. Apa yang akan Kukatakan? Patutkah Aku berkata, ‘Bapa, jauhkanlah Aku daripada saat penderitaan ini?’ Namun demikian, sebab itulah Aku datang menghadap saat ini.

²⁸ Bapa, tunjukkanlah kemuliaan nama-Mu!”

Ketika itu kedengaran suara dari langit berkata, “Aku sudah menunjukkan kemuliaan-Ku dan Aku akan menunjukkannya lagi.”

²⁹ Antara orang ramai yang mendengar suara itu, ada yang berkata, “Guruh.” Tetapi ada

pula yang berkata, “Bukan. Malaikat bercakap kepada-Nya.”

³⁰ Yesus berkata kepada mereka, “Suara itu kedengaran bukan demi kepentingan-Ku tetapi demi kepentinganmu. ³¹ Sudah sampailah masanya dunia ini dihakimi. Kini pemerintah dunia ini akan digulingkan. ³² Apabila Aku diangkat tinggi di atas bumi, Aku akan menarik semua manusia kepada-Ku.” ³³ Kata-kata Yesus ini membayangkan cara kematian-Nya kelak.

³⁴ Orang ramai berkata kepada Yesus, “Dalam hukum Taurat ada tersurat bahawa Kristus yang diutus Allah akan hidup selama-lamanya. Bagaimana kamu pula mengatakan bahawa Anak Manusia akan diangkat tinggi di atas bumi? Siapakah Anak Manusia itu?”

³⁵ Yesus menjawab, “Cahaya itu akan menyertaimu sebentar sahaja lagi. Teruslah berjalan selagi ada cahaya itu sebelum kegelapan menyelubungimu. Seseorang yang berjalan dalam kegelapan tidak tahu ke mana arah tujuannya. ³⁶ Selagi ada cahaya itu menyertaimu, percayalah kepadanya, supaya kamu menjadi anak-anak cahaya.” Setelah berkata-kata demikian, Yesus meninggalkan tempat itu lalu bersembunyi daripada mereka.

³⁷ Mereka tetap tidak percaya kepada-Nya walaupun telah banyak melihat mukjizat-Nya.

³⁸ Dengan demikian terlaksanalah apa yang dikatakan oleh Nabi Yesaya:

“Ya Tuhan, siapakah yang percaya akan perkhabaran kami?

Kepada siapakah tangan Tuhan ditunjukkan?”

³⁹ Itulah maka mereka tidak percaya, sebagaimana kata Yesaya lagi:

⁴⁰ “Dia telah membutakan mata mereka dan menjadikan mereka keras hati.

Kalau tidak demikian, mereka tentu melihat dengan mata, dan mengerti dengan hati, lalu berpaling kepada-Ku dan Aku menyembuhkan mereka.”

⁴¹ Yesaya berkata demikian kerana dia telah melihat kemuliaan-Nya serta berkata-kata tentang-Nya.

⁴² Sebenarnya banyak juga pemerintah yang percaya kepada Yesus. Namun demikian, disebabkan orang Farisi itu, mereka tidak berani mengakui-Nya secara terbuka kerana takut disingkirkan daripada saumaah^m. ⁴³ Mereka lebih mencintai pujian manusia daripada pujian Allah.

^m**12:42** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

⁴⁴ Yesus berseru, “Sesiapa yang percaya kepada-Ku, juga percaya kepada Dia yang mengutus-Ku. ⁴⁵ Sesiapa yang melihat-Ku, juga melihat Dia yang mengutus-Ku. ⁴⁶ Aku datang ke dunia ini sebagai cahaya, supaya manusia yang percaya kepada-Ku tidak akan terus tinggal dalam kegelapan. ⁴⁷ Sekiranya seseorang mendengar kata-kata-Ku tetapi tidak mematuhi, Aku tidak akan menghukumnya. Aku datang bukan untuk menghukum dunia ini tetapi untuk menyelamatkannya. ⁴⁸ Ada hakim bagi sesiapa yang tidak menerima-Ku dan kata-kata-Ku. Kata-kata yang Kusampaikan itulah yang akan menghakiminya pada hari akhir. ⁴⁹ Aku bercakap bukan mengikut kehendak-Ku sendiri. Bapa yang mengutus-Ku memerintahkan Aku tentang apa yang harus Kukatakan dan bagaimana menyampaikannya. ⁵⁰ Aku tahu bahawa perintah-Nya itu membawa hidup kekal. Oleh itu, apa yang Kukatakan, Kusampaikan sebagaimana disuruh oleh Bapa-Ku.”

Yesus membasuh kaki murid-murid-Nya

13 ¹ Sebelum Perayaan Paskah, Yesus tahu bahawa telah sampai masanya Dia meninggalkan dunia ini dan pulang kepada Bapa. Setelah mengasihi sekalian orang yang menjadi

milik-Nya di dunia ini, Yesus mengasihi mereka hingga ke saat akhir.

² Semasa Yesus dan murid-murid-Nya sedang makan malam, Iblis sudah pun menimbulkan niat dalam hati Yudas anak Simon Iskariot untuk mengkhianati Yesus. ³ Yesus tahu bahawa Bapa telah menyerahkan segala perkara kepada-Nya; bahawa Dia datang daripada Allah dan akan pulang kepada-Nya. ⁴ Dengan demikian, Yesus berdiri lalu melucutkan jubah-Nya dan mengikat sehelai tuala di pinggang-Nya. ⁵ Kemudian Dia menuang air ke dalam sebuah baldi lalu membasuh kaki murid-murid-Nya dan mengeringkannya dengan tuala di pinggang-Nya. ⁶ Ketika Dia sampai kepada Simon Petrus, bertanyalah Simon kepada-Nya, “Tuhan, wajarkah Engkau membasuh kakiku?”

⁷ Yesus menjawab, “Sekarang kamu tidak mengerti perbuatan-Ku ini tetapi pada kemudian hari kamu akan mengerti.”

⁸ Petrus berkata kepada Yesus, “Tidak! Engkau sekali-kali tidak boleh membasuh kakiku!”

Namun demikian, Yesus menjawab, “Jika Aku tidak membasuhmu, kamu tidaklah lagi mempunyai bahagian dalam apa yang Kulakukan.”

⁹ Simon Petrus berkata, “Tuhan, kalau begitu janganlah basuh kakiku sahaja, basuhlah tangan dan kepalaku juga!”

¹⁰ Yesus berkata kepadanya, “Orang yang sudah mandi telah bersih seluruh tubuhnya, cuma kakinya yang perlu dibasuh. Kamu memang bersih tetapi bukan semua kamu.” ¹¹ Yesus tahu siapa yang akan mengkhianati-Nya. Itulah sebabnya Dia berkata, “Bukan semua yang bersih.”

¹² Setelah membasuh kaki murid-murid-Nya, Yesus memakai semula jubah-Nya dan kembali ke tempat-Nya di meja. Lalu Dia berkata kepada mereka, “Fahamkah kamu apa yang Kulakukan untukmu? ¹³ Kamu memanggil-Ku Guru dan Tuhan. Tepatlah panggilanmu itu, kerana Aku memang Guru dan Tuhan. ¹⁴ Jika Aku sebagai Tuhan dan Gurumu sanggup membasuh kaki kamu, maka haruslah kamu saling membasuh kaki sesama sendiri. ¹⁵ Aku telah memberi teladan kepada kamu semua. Lakukanlah apa yang telah Kulakukan untukmu. ¹⁶ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, seorang hamba tidak lebih besar daripada tuannya. Begitu jugalah, seorang yang diutus tidak mungkin lebih besar daripada orang yang mengutusnya. ¹⁷ Sekiranya

kamu mengerti hal ini dan melakukannya, diberkatilah kamu.

¹⁸ Apa yang Kukatakan itu bukanlah tentang kesemua kamu. Aku mengenal setiap orang yang telah Kupilih. Tetapi apa yang tersurat dalam Kitab Suci pastilah terlaksana, 'Orang yang makan bersama-Ku telah berpaling menentang-Ku.'

¹⁹ Aku memberitahumu hal ini sebelum berlaku supaya setelah terjadi nanti, kamu akan percaya bahawa Akulah Dia. ²⁰ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang menerima orang yang Kuutus, menerima-Ku. Sesiapa yang menerima-Ku, menerima Dia yang mengutus-Ku."

Yesus memperkatakan tentang pengkhianatan-Nya

²¹ Setelah melafazkan kata-kata itu, Yesus berasa gundah. Dia pun berkata dengan terus terang, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, seorang daripadamu akan mengkhianati-Ku."

²² Para murid Yesus berpandangan, tertanya-tanya dalam hati siapa agaknya yang dimaksudkan oleh Yesus. ²³ Salah seorang murid yang dikasihi oleh Yesus duduk bertelekan di sisi-Nya. ²⁴ Simon Petrus pun memberi

13:18: Mzm 41:9.

13:20: Mat 10:40; Mrk 9:37; Luk 9:48; 10:16.

isyarat kepadanya, “Tanyalah, siapa yang dimaksudkan-Nya itu.”

²⁵ Murid itu melayah dekat kepada Yesus lalu bertanya, “Siapakah dia, ya Tuhan?”

²⁶ Yesus menjawab, “Orang yang Kuberi roti yang telah Kucelupkan ke dalam mangkuk, dialah orangnya.” Yesus pun mengambil secebis roti, dicelupkannya lalu diberikannya kepada Yudas anak Simon Iskariot. ²⁷ Sebaik-baik Yudas menerima roti itu, masuklah Iblis ke dalam hatinya.

Yesus pun berkata kepadanya, “Apa yang hendak kaulakukan, segeralah lakukan.”

²⁸ Tiada seorang pun yang makan di situ tahu apa maksudnya Yesus berkata demikian kepada Yudas. ²⁹ Beberapa orang murid Yesus menyangka Yesus menyuruh Yudas membeli bekalan yang diperlukan untuk Perayaan Paskah, atau memberi sedekah kepada orang miskin kerana Yudas yang bertanggungjawab atas wang mereka.

³⁰ Yudas menyambut roti yang dihulurkan oleh Yesus lalu segera pergi. Ketika itu hari sudah malam.

³¹ Setelah Yudas pergi, Yesus berkata, “Sekarang Anak Manusia dimuliakan, dan Allah dimuliakan melalui-Nya. ³² Jika Allah dimuliakan melalui Dia, Allah pun akan memuliakan Dia dalam diri-Nya

segera. ³³ Anak-anak-Ku, Aku tidak akan lama lagi bersamamu. Kamu akan mencari-Ku, tetapi apa yang telah Kukatakan kepada orang Yahudi kini Kukatakan kepadamu juga, 'Ke mana Aku pergi, kamu tidak dapat ikut.' ³⁴ Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku telah mengasihimu, kasihilah sesama sendiri. ³⁵ Daripada sikapmu yang saling mengasihi itu, semua orang akan tahu bahawa kamu murid-Ku."

Yesus memperingatkan Petrus

³⁶ Simon Petrus bertanya kepada Yesus, "Ke mana Tuhan hendak pergi?"

Yesus menjawab, "Ke mana Aku pergi, kamu tidak dapat mengikut-Ku sekarang, tetapi satu hari nanti kamu akan mengikut-Ku ke situ."

³⁷ Petrus bertanya lagi, "Tuhan, mengapa aku tidak dapat mengikut Engkau sekarang? Aku rela mati untuk-Mu, Tuhan!"

³⁸ Yesus menjawab, "Benarkah kamu rela mati untuk-Ku? Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sebelum ayam berkokok, kamu akan menyangkal Aku tiga kali."

13:33: Yoh 7:34.

13:34: Yoh 15:12,17; 1Yoh 3:23; 2Yoh 1:5.

Akulah jalan, kebenaran dan hidup

14¹ “Janganlah resah hatimu. Percayalah kepada Allah dan percayalah juga kepada-Ku. ² Di dalam rumah Bapa-Ku ada banyak tempat tinggal. Jika hal ini tidak benar, tidaklah Kukatakan kepadamu. Aku akan pergi menyediakan tempat untukmu. ³ Jika Aku pergi dan menyediakan tempat untukmu, Aku akan pulang dan membawamu ke tempat-Ku, supaya di tempat Aku berada di situ juga kamu berada. ⁴ Kamu tahu jalan ke tempat Aku pergi.”

⁵ Tomas berkata kepada Yesus, “Tuhan, kami tidak tahu ke mana Engkau pergi, bagaimana kami mungkin tahu jalan ke sana?”

⁶ Yesus menjawab, “Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku. ⁷ Dengan mengenal-Ku, kamu mengenal Bapa-Ku juga. Mulai sekarang kamu mengenal-Nya, malah sudah pun melihat-Nya.”

Keesaan dengan Bapa

⁸ Filipus berkata kepada Yesus, “Tuhan, tunjukkanlah Bapa kepada kami, supaya puaslah hati kami.”

⁹ Yesus menjawab, “Sekian lama Aku bersama kamu semua, belum lagi kaukenal Aku, Filipus? Sesiapa yang telah melihat-Ku, telah melihat

Bapa. Mengapa kamu berkata, 'Tunjukkanlah Bapa kepada kami?' ¹⁰ Filipus, tidakkah kamu percaya bahawa Aku di dalam Bapa, dan Bapa di dalam-Ku? Segala yang Kukatakan kepadamu bukanlah daripada-Ku, tetapi daripada Bapa yang tinggal di dalam-Ku yang melakukan semua pekerjaan itu. ¹¹ Percayalah kepada-Ku, bahawa Aku di dalam Bapa, dan Bapa di dalam-Ku. Kalaupun kamu tidak percaya akan apa yang Kukatakan, percayalah kepada-Ku kerana apa yang telah Kulakukan. ¹² Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang percaya kepada-Ku akan melakukan apa yang Kulakukan, malah pekerjaan lebih besar lagi, kerana Aku pergi kepada Bapa. ¹³ Apa sahaja yang kamu minta dengan nama-Ku, Aku akan melakukannya supaya kemuliaan Bapa ternyata melalui Anak-Nya. ¹⁴ Apa sahaja yang kamu minta daripada-Ku dengan nama-Ku akan Kulakukan."

Yesus menjanjikan Roh Kebenaran

¹⁵ "Jika kamu mengasihi-Ku, kamu akan mematuhi perintah-perintah-Ku. ¹⁶ Aku akan memohon kepada Bapa dan Bapa akan mengurniaimu Penolong yang akan menyertaimu selama-lamanya. ¹⁷ Penolong itu Roh Kebenaran. Dunia tidak dapat menerima-Nya kerana tidak dapat melihat atau mengenal-Nya. Tetapi kamu

mengenalkan-Nya kerana Dia tetap di dalammu dan akan ada di dalam dirimu.

¹⁸ Aku tidak akan meninggalkanmu seperti anak yatim piatu. Aku akan datang lagi mendapatkanmu. ¹⁹ Tidak lama lagi, dunia tidak akan melihat-Ku lagi, tetapi kamu akan melihat-Ku. Oleh sebab Aku hidup, kamu juga akan hidup. ²⁰ Setelah tiba hari itu, kamu akan tahu bahawa Aku di dalam Bapa, kamu di dalam-Ku, dan Aku juga di dalammu.

²¹ Sesiapa yang menerima dan mematuhi perintah-perintah-Ku, mengasihi-Ku. Sesiapa yang mengasihi-Ku akan dikasihi oleh Bapa-Ku, dan Aku juga akan mengasihinya serta memperlihatkan diri-Ku kepadanya.”

²² Yudas (bukan Yudas Iskariot) berkata kepada Yesus, “Tuhan, mengapa Engkau memperlihatkan diri kepada kami tetapi tidak kepada dunia?”

²³ Yesus menjawab, “Sesiapa yang mengasihi-Ku akan menurut ajaran-Ku. Bapa-Ku akan mengasihinya. Dan Kami akan datang kepadanya serta tinggal bersamanya. ²⁴ Orang yang tidak mengasihi-Ku tidak menurut ajaran-Ku, padahal ajaran itu bukan daripada-Ku, tetapi daripada Bapa yang mengutus-Ku.

²⁵ Aku memberitahumu semua ini ketika Aku masih tinggal bersamamu. ²⁶ Namun demikian, Penolong, iaitu Roh Kudus yang akan diutus

Allah dalam nama-Ku, akan mengajarmu segala-galanya dan mengingatkanmu tentang apa yang telah Kukatakan kepadamu.

²⁷ Sejahtera Kutinggalkan bagimu. Sejahtera-Ku sendiri Kuberikan kepadamu. Apa yang Kuberikan kepadamu bukan seperti yang disogokkan oleh dunia. Janganlah resah hatimu dan janganlah takut. ²⁸ Kamu telah mendengar Aku berkata, 'Aku akan pergi, tetapi Aku akan datang lagi mendapatkanmu.' Sekiranya kamu mengasihi-Ku, kamu akan gembira bahawa Aku pergi kepada Bapa kerana Bapa lebih besar daripada-Ku.

²⁹ Semua ini Kukatakan kepadamu sebelum terjadi, supaya ketika berlaku nanti, kamu akan percaya kepada-Ku. ³⁰ Aku tidak dapat bercakap lama lagi denganmu, kerana sudah tiba waktunya pemerintah dunia ini datang. Sebenarnya dia tidak berkuasa atas diri-Ku. ³¹ Namun demikian, Aku menjalankan semua perintah Bapa, supaya dunia tahu bahawa Aku mengasihi Bapa.

Bangkitlah, marilah kita beredar dari sini.”

Pokok anggur yang benar

15 ¹ “Aku ini pokok anggur yang benar, dan Bapa-Ku peladang anggur. ² Dia mengerat setiap ranting-Ku yang tidak berbuah, dan mencantas setiap ranting-Ku yang berbuah supaya berbuah lebih lebat lagi. ³ Kamu sudah

dibersihkan dengan ajaran yang Kusampaikan kepadamu. ⁴ Tetaplah di dalam-Ku seperti Aku di dalammu. Ranting tidak dapat berbuah jika terpisah dari pokok anggur. Demikian jugalah kamu: Kamu dapat berbuah hanya jika kamu tetap di dalam-Ku.

⁵ Aku pokok anggur dan kamu ranting-rantingnya. Jika kamu tetap di dalam-Ku dan Aku di dalam-Mu, kamu akan berbuah lebat. Tanpa-Ku, kamu tidak dapat menghasilkan apa-apa. ⁶ Sesiapa yang tidak tetap di dalam-Ku adalah seperti ranting yang dikerat lalu dibiarkan kering, kemudian dikumpulkan, dan dibuang ke dalam api lalu dibakar. ⁷ Sekiranya kamu tetap di dalam-Ku, dan kata-kata-Ku tetap di dalammu, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki, permohonan itu akan dikabulkan. ⁸ Kemuliaan Bapa ternyata apabila kamu berbuah lebat. Itulah tanda kamu benar-benar murid-Ku.

Perintah supaya saling mengasihi

⁹ Sebagaimana Bapa mengasihi-Ku, demikianlah juga Aku mengasihimu. Tetaplah dalam kasih-Ku. ¹⁰ Jika kamu menurut perintah-Ku, kamu akan tetap dalam kasih-Ku; sebagaimana Aku menurut perintah Bapa dan tetap dalam kasih-Nya.

¹¹ Aku berkata demikian kepadamu supaya kebahagiaan-Ku ada dalam dirimu dan

sempurnalah kebahagiaanmu. ¹² Inilah perintah-Ku: Kasihilah sesama sendiri, seperti Aku mengasihimu. ¹³ Tiada kasih yang lebih besar daripada kasih seorang yang mengorbankan nyawanya untuk sahabatnya. ¹⁴ Kamu sahabat-sahabat-Ku jika kamu melaksanakan perintah yang telah Kuberikan. ¹⁵ Aku tidak lagi memanggilmu hamba, kerana hamba tidak tahu apa yang dilakukan oleh tuannya. Aku memanggilmu sahabat-sahabat-Ku, kerana segala perkara yang Kudengar daripada Bapa-Ku telah Kuberitahu kepadamu. ¹⁶ Bukan kamu yang memilih-Ku tetapi Aku yang memilihmu dan menyuruhmu berbuah lebat, dan buahmu itu haruslah kekal, maka apa sahaja yang kamu minta dalam nama-Ku, Bapa akan mengurniaknya kepadamu. ¹⁷ Inilah perintah-Ku kepadamu: Kasihilah sesama sendiri.”

Dunia membenci Yesus dan murid-Nya

¹⁸ “Jika dunia membencimu, ketahuilah, dunia telah membenci-Ku terlebih dahulu. ¹⁹ Andainya kamu milik dunia, maka dunia akan mengasihimu seperti kepunyaannyaⁿ sendiri. Tetapi Aku telah memilihmu dan kamu bukan lagi milik dunia.

ⁿ**15:19** Atau: Anak-anaknya.

15:12: Yoh 13:34; 15:17; 1Yoh 3:23; 2Yoh 1:5.

Maka itulah dunia membencimu. ²⁰ Ingatlah apa yang telah Kukatakan kepadamu, 'Seorang hamba tidak lebih besar daripada tuannya.' Jika mereka menganiaya-Ku, mereka akan menganiayamu juga. Jika mereka menurut kata-kata-Ku, mereka akan menurut kata-katamu juga. ²¹ Semua itu akan dilakukan mereka terhadapmu, kerana nama-Ku, dan mereka tidak mengenal Dia yang mengutus-Ku. ²² Kalaulah Aku tidak datang dan bercakap kepada mereka, tidaklah mereka berdosa. Tetapi sekarang mereka tidak mempunyai alasan bagi dosa mereka. ²³ Sesiapa yang membenci-Ku, membenci Bapa-Ku juga. ²⁴ Sekiranya Aku tidak melakukan perkara-perkara yang belum pernah dilakukan orang di hadapan mata mereka, mereka tidaklah berdosa. Tetapi mereka telah melihat sendiri apa yang Kulakukan dan mereka tetap membenci-Ku dan Bapa-Ku. ²⁵ Hal ini semestinya begitu, supaya berlaku apa yang tersurat dalam Taurat mereka: 'Mereka membenci-Ku tanpa alasan.'
²⁶ Apabila Penolong, Roh Kebenaran daripada Bapa, yang Kuutus kepadamu datang, Dia akan bersaksi tentang-Ku. ²⁷ Kamu juga akan bersaksi

15:20: Mat 10:24; Luk 6:40; Yoh 13:16.

15:25: Mzm 35:19; 69:4.

tentang-Ku, kerana kamu semua bersama-Ku dari mula lagi.

Peringatan Yesus

16 ¹ Semua ini Kukatakan kepadamu supaya kamu tidak sesat. ² Mereka akan menyingkirkanmu daripada saumaah^o. Masanya akan tiba ketika semua orang yang membunuhmu menganggap bahawa dengan berbuat demikian dia mengabdikan kepada Allah. ³ Perkara ini akan dilakukan oleh mereka, kerana mereka belum mengenal baik Bapa mahupun Aku. ⁴ Semua ini Kukatakan kepadamu supaya ketika berlaku nanti, kamu akan ingat bahawa Aku sudah pun memberitahumu. Aku tidak memberitahumu dari mulanya lagi kerana Aku masih bersamamu.”

Pekerjaan Roh Kudus

⁵ “Tetapi sekarang Aku akan pergi kepada Dia yang mengutus-Ku. Tiada seorang pun antaramu bertanya, ‘Ke mana Engkau hendak pergi?’ ⁶ Sekarang hatimu bersedih, kerana Aku telah memberitahu perkara ini kepadamu. ⁷ Apa yang Kukatakan kepadamu ini benar;

^o**16:2** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

untuk kepentinganmu, baiklah Aku pergi. Selagi Aku tidak pergi, Penolong itu tidak akan datang kepadamu. Jika Aku pergi, Aku akan mengutus-Nya kepadamu. ⁸ Setelah Dia datang nanti, Dia akan menginsafkan dunia tentang dosa, perbenaran,^p dan penghakiman; ⁹ tentang dosa kerana mereka tidak percaya kepada-Ku; ¹⁰ tentang perbenaran kerana Aku akan pergi kepada Bapa dan kamu tidak akan melihat-Ku lagi; ¹¹ dan tentang penghakiman kerana pemerintah dunia ini telah dihakimi.

¹² Ada banyak lagi yang ingin Kukatakan kepadamu, tetapi kamu belum berupaya menerimanya. ¹³ Tetapi apabila Dia, iaitu Roh Kebenaran datang, Dia akan membimbingmu ke arah segala kebenaran. Roh itu tidak akan mengatakan sesuatu menurut kehendak-Nya sendiri. Dia akan menyampaikan apa yang didengar-Nya dan memberitahumu apa yang akan terjadi. ¹⁴ Roh itu akan memuliakan-Ku, kerana Dia akan menerima apa yang berasal daripada-Ku dan menyatakannya kepadamu. ¹⁵ Segala milik Bapa-Ku milik-Ku juga. Maka itulah

^p**16:8,10** Atau: Dalam terjemahan lain, kebenaran digunakan. Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

Kukatakan bahawa Dia akan menerima apa yang berasal daripada-Ku dan menyatakannya kepadamu.”

¹⁶ Yesus berkata, “Tidak lama lagi, kamu tidak akan melihat-Ku dan tidak lama kemudian, kamu akan melihat-Ku.”

Kedukaan dan kegembiraan

¹⁷ Sebilangan murid Yesus tertanya-tanya sesama sendiri, “Apakah maksud kata-Nya, ‘Tidak lama lagi kamu tidak akan melihat-Ku, dan tidak lama kemudian kamu akan melihat-Ku’? Dia juga berkata, ‘Aku akan pergi kepada Bapa.’ ”

¹⁸ Mereka berkata, “Apakah maksud ‘tidak lama lagi’? Kami tidak faham erti kata-kata-Nya!”

¹⁹ Yesus tahu bahawa mereka ingin bertanya kepada-Nya. Lalu kata-Nya kepada mereka, “Tadi Aku berkata, ‘Tidak lama lagi kamu tidak akan melihat-Ku, dan tidak lama kemudian kamu akan melihat-Ku.’ Adakah kamu mempersoalkan kata-Ku itu? ²⁰ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu akan menangis dan meratap, tetapi dunia akan bersuka ria. Kamu akan bersedih, namun kesedihanmu akan berubah menjadi kegembiraan. ²¹ Apabila seorang perempuan hendak melahirkan anak, dia menderita kesakitan kerana masanya sudah tiba. Tetapi sebaik sahaja anak itu lahir, dia lupa akan

penderitaannya. Dia bersukacita kerana seorang anak telah lahir ke dunia. ²² Begitulah juga kamu bersedih sekarang, tetapi Aku akan menemui kamu lagi. Hatimu akan dipenuhi kegembiraan, yang tidak dapat diragut oleh sesiapa pun.

²³ Pada ketika itu, kamu tidak akan bertanya apa-apa lagi kepada-Ku. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apa sahaja yang kamu minta dalam nama-Ku, Bapa akan mengurniaknya kepadamu. ²⁴ Hingga saat ini belum pernah kamu minta sesuatu dalam nama-Ku. Mintalah, kamu akan menerimanya dan sempurnalah kegembiraanmu.”

²⁵ “Aku telah mengatakan semua ini kepadamu secara kiasan. Tetapi akan sampai ketikanya Aku tidak lagi menggunakan kiasan; Aku akan berterus terang kepadamu tentang Bapa. ²⁶ Pada hari itu, kamu akan meminta dalam nama-Ku. Aku tidak berkata Aku akan meminta kepada Bapa bagi pihakmu. ²⁷ Bapa sendiri mengasihimu, kerana kamu mengasihi-Ku dan percaya Aku datang daripada Bapa. ²⁸ Aku memang berasal daripada Bapa dan datang ke dunia. Tetapi sekarang Aku meninggalkan dunia ini dan pulang semula kepada Bapa.”

²⁹ Para murid-Nya berkata, “Sekarang barulah Tuhan bercakap terus terang, tanpa menggunakan kiasan. ³⁰ Sekarang kami faham

bahawa Engkau mengetahui segala-galanya dan sesiapa pun tidak perlu lagi bertanya apa-apa kepada-Mu. Oleh itu, kami percaya bahawa Engkau datang daripada Allah.”

³¹ Yesus berkata kepada mereka, “Percayakah kamu sekarang? ³² Saatnya akan datang, malah sudah pun sampai, ketika kamu akan bertempiran. Kamu akan menjaga diri masing-masing, dan meninggalkan Aku keseorangan. Tetapi sebenarnya Aku tidaklah keseorangan, kerana Bapa bersama-Ku. ³³ Segala ini Kukatakan kepadamu supaya kamu beroleh sejahtera di dalam Aku. Di dalam dunia kamu akan menghadapi penderitaan; tetapi tegapkanlah hatimu, kerana Aku telah menewaskan dunia.”

Doa Yesus untuk murid-murid-Nya

17 ¹ Setelah itu, Yesus menengadah ke langit lalu berkata, “Bapa, sudah sampailah saatnya. Muliaikanlah Anak-Mu, supaya Anak-Mu dapat memuliakan Bapa. ² Engkau telah memberi Anak-Mu kekuasaan ke atas umat manusia, supaya Dia pun memberikan hidup kekal kepada setiap orang yang telah Kauserahkan kepada-Nya. ³ Inilah hidup kekal, iaitu mereka mengenal-Mu sebagai satu-satunya Allah yang benar, dan mengenal Yesus Kristus yang Kauutus. ⁴ Aku telah memuliakan-Mu di bumi ini dengan

menyempurnakan kerja yang Kauamanahkan kepada-Ku. ⁵ Bapa, muliakanlah Aku sekarang dengan kemuliaan yang Kumiliki bersama-Mu sebelum dunia ini diwujudkan.

⁶ Aku telah menyatakan nama-Mu kepada semua orang di dunia ini yang telah Kauserahkan kepada-Ku. Mereka semua milik-Mu. Engkau telah mengamanahkan mereka kepada-Ku. Kini mereka taat akan firman-Mu. ⁷ Sekarang mereka tahu bahawa segala yang Kauberikan kepada-Ku itu sebenarnya berasal daripada-Mu. ⁸ Firman yang Kauberikan kepada-Ku telah Kusampaikan kepada mereka dan mereka menerimanya. Mereka benar-benar tahu bahawa Aku sesungguhnya berasal daripada-Mu, dan percaya bahawa Engkau telah mengutus-Ku.

⁹ Aku berdoa untuk mereka. Aku tidak berdoa untuk dunia. Aku berdoa untuk orang yang telah Kauserahkan kepada-Ku, kerana mereka milik-Mu. ¹⁰ Semua milik-Ku, milik-Mu juga. Semua milik-Mu, milik-Ku juga. Aku dimuliakan melalui mereka. ¹¹ Aku tidak lagi tinggal di dunia, sedangkan mereka masih di dunia. Aku datang kepada-Mu. Bapa Yang Maha Suci, peliharalah mereka dengan nama-Mu, nama yang telah Kauberikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu sebagaimana Engkau dan Aku adalah satu.

¹² Sepanjang waktu Aku bersama mereka, Aku memelihara mereka dengan nama-Mu, nama yang Kauberikan kepada-Ku. Aku melindungi mereka dan tiada seorang pun binasa kecuali anak kebinasaan itu supaya terlaksanalah apa yang tersurat dalam Kitab Suci. ¹³ Sekarang Aku akan datang kepada-Mu. Semua ini Kukatakan ketika Aku masih di dunia, supaya kebahagiaan-Ku dapat dialami mereka sepenuhnya. ¹⁴ Setelah Kusampaikan firman-Mu kepada mereka, dunia membenci mereka kerana mereka bukan dari dunia ini, seperti Aku juga bukan dari dunia ini. ¹⁵ Aku tidak memohon-Mu untuk mengeluarkan mereka dari dunia ini. Aku memohon semoga Engkau melindungi mereka daripada si durjana. ¹⁶ Sebagaimana Aku bukan dari dunia ini, begitu jugalah mereka. ¹⁷ Sucikanlah mereka dengan kebenaran-Mu; firman-Mu adalah kebenaran. ¹⁸ Aku mengutus mereka ke dunia sebagaimana Engkau mengutus-Ku ke dunia. ¹⁹ Demi kebaikan mereka Aku menyucikan diri-Ku supaya mereka juga disucikan dalam kebenaran.

²⁰ Aku bukan berdoa untuk mereka sahaja tetapi juga untuk semua orang yang percaya kepada-Ku melalui kata-kata mereka. ²¹ Bapa, Aku berdoa supaya mereka semua menjadi satu sebagaimana

Engkau di dalam-Ku dan Aku di dalam-Mu dan supaya mereka juga ada di dalam Kita. Dengan demikian dunia dapat percaya bahawa Engkaulah yang telah mengutus-Ku. ²² Aku memberi mereka kemuliaan yang Kauberikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu sebagaimana Kita adalah satu. ²³ Aku di dalam mereka dan Engkau di dalam-Ku, supaya mereka bersatu sepenuhnya. Dengan demikian dunia akan tahu bahawa Engkau sebenarnya telah mengutus-Ku, dan Engkau mengasihi mereka sebagaimana Engkau mengasihi-Ku.

²⁴ Bapa, Aku menghendaki mereka yang Kauserahkan kepada-Ku ada bersama-Ku di mana Aku berada, supaya mereka dapat melihat kemuliaan yang Kauberikan kepada-Ku, kerana Engkau mengasihi-Ku ketika dunia ini belum diwujudkan lagi. ²⁵ Bapa Yang Maha Benar! Dunia tidak mengenal-Mu, namun Aku mengenal-Mu, dan kesemua mereka ini tahu bahawa Engkaulah yang telah mengutus-Ku. ²⁶ Aku telah menyatakan nama-Mu kepada mereka. Aku akan terus berbuat demikian, supaya kasih-Mu kepada-Ku bertapak kukuh dalam hati mereka dan supaya Aku di dalam mereka.”

Yudas mengkhianati Yesus

18 ¹ Setelah berdoa demikian, Yesus pergi diiringi murid-murid-Nya ke seberang Sungai Kidron. Di sana ada sebuah taman. Yesus dan murid-murid-Nya masuk ke taman itu.

² Yudas, yang mengkhianati Yesus, mengetahui tempat itu juga kerana Yesus kerap ke situ dengan murid-murid-Nya. ³ Dengan demikian, Yudas pergi ke situ membawa sepasukan askar dan sebilangan pegawai, ketua imam serta orang Farisi. Mereka membawa lantera, suluh serta senjata. ⁴ Yesus mengetahui segala yang akan terjadi ke atas-Nya. Dia pun mendekati mereka lalu bertanya, “Siapakah yang kamu cari?”

⁵ Mereka menjawab, “Yesus orang Nazaret.”

Yesus berkata kepada mereka, “Akulah Dia.”

Yudas, yang mengkhianati Yesus, berdiri bersama mereka di situ. ⁶ Apabila Yesus berkata kepada mereka, “Akulah Dia,” mereka semua undur lalu rebah ke tanah. ⁷ Yesus bertanya lagi kepada mereka, “Siapakah yang kamu cari?”

Mereka menjawab, “Yesus orang Nazaret.”

⁸ Yesus berkata, “Aku sudah berkata bahawa Akulah Dia. Kalau Aku yang kamu cari, biarkanlah mereka ini pergi.” ⁹ (Dengan demikian terlaksanalah apa yang pernah dikatakan-Nya,

“Tiada seorang pun yang Kauserahkan kepada-Ku sesat.”)

¹⁰ Simon Petrus yang memiliki sebilah pedang menghunusnya lalu menetak telinga kanan hamba imam besar sehingga terputus. Nama hamba itu Malkus. ¹¹ Yesus berkata kepada Petrus, “Sarungkan semula pedangmu! Bukankah Aku mesti minum daripada cawan penderitaan yang diberikan kepada-Ku oleh Bapa?”

Yesus di hadapan imam

¹² Setelah itu, askar-askar dengan ketua mereka dan pegawai-pegawai Yahudi menangkap dan mengikat Yesus. ¹³ Mula-mula mereka membawa-Nya ke hadapan Hanas, bapa mertua Kayafas, imam besar pada tahun itu. ¹⁴ Kayafas yang memang dahulunya berkata kepada orang Yahudi bahawa lebih baik satu orang mati demi seluruh bangsa.

¹⁵ Simon Petrus dan seorang murid lain ikut serta apabila Yesus dibawa pergi. Oleh sebab murid lain ini dikenali oleh imam besar, dia masuk bersama Yesus ke halaman rumah imam besar. ¹⁶ Petrus menanti di luar, di hadapan pintu. Sejurus kemudian, murid lain yang mengenal

18:11: Mat 26:39; Mrk 14:36; Luk 22:42.

18:14: Yoh 11:49,50.

imam besar itu keluar semula, bercakap dengan hamba perempuan yang menjaga pintu, lalu membawa Petrus masuk. ¹⁷ Kemudian hamba perempuan penjaga pintu itu berkata kepada Petrus, “Bukankah kamu seorang daripada murid orang itu?”

Petrus menjawab, “Bukan.”

¹⁸ Hamba dan pegawai berdiri di situ setelah menyalakan api kerana pada masa itu hawa sejuk. Mereka sedang berdiang di situ. Petrus pun berdiri di situ dan berdiang bersama mereka.

¹⁹ Imam besar menyoal Yesus tentang murid-murid-Nya dan ajaran-Nya. ²⁰ Yesus menjawab, “Aku sentiasa bercakap terang-terangan kepada dunia. Aku sering mengajar di saumaah^q dan di Bait Suci, tempat semua orang Yahudi berhimpun. Tidak pernah Kukatakan apa-apa secara rahsia. ²¹ Mengapakah kamu menyoal-Ku? Tanyalah mereka yang pernah mendengar apa yang Kukatakan kepada mereka. Mereka tahu apa yang Kukatakan itu.”

²² Seorang pegawai di situ menampar Yesus sambil berkata, “Begitukah Kamu bercakap kepada seorang imam besar?”

^q**18:20** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

²³ Yesus berkata kepadanya, “Sekiranya yang Kukatakan itu salah, tunjukkanlah kepada semua orang di sini apa kesalahan itu. Tetapi kalau kata-kata-Ku benar, mengapa kamu menampar-Ku?”

²⁴ Selepas itu, Hanas menyuruh orang membawa Yesus yang masih dalam keadaan terikat ke hadapan Imam Besar Kayafas.

Petrus menyangkal Yesus

²⁵ Simon Petrus masih berdiri berdiang. Maka orang di situ bertanya kepadanya, “Bukankah kamu seorang daripada murid orang itu?” Petrus menjawab, “Bukan!”

²⁶ Seorang daripada hamba imam besar ada di situ. Dia saudara kepada hamba yang ditetak putus telinganya oleh Petrus. Dia berkata kepada Petrus, “Bukankah kamu yang kulihat di taman itu bersama-Nya?”

²⁷ Petrus menyangkal-Nya lagi, dan sejurus selepas itu, ayam berkokok.

Yesus di hadapan Pilatus

²⁸ Kemudian mereka membawa Yesus dari rumah Kayafas ke istana gabenor. Tetapi orang Yahudi tidak turut masuk ke dalam istana itu kerana pagi masih awal. Mereka tidak mahu terkena najis, kerana mereka hendak menyertai

jamuan Paskah. ²⁹ Oleh yang demikian, Pilatus keluar menemui mereka. Dia bertanya, “Apakah tuduhanmu terhadap orang ini?”

³⁰ Mereka menjawab, “Jika orang ini tidak melakukan perbuatan jahat, sudah tentu kami tidak akan membawa-Nya ke hadapanmu.”

³¹ Kemudian Pilatus berkata kepada mereka, “Ambillah Dia dan adili Dia mengikut undang-undangmu.”

Orang Yahudi menjawab, “Kami tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk menjatuhkan hukum mati ke atas seseorang.”

³² Dengan demikian akan terjadilah apa yang telah dikatakan oleh Yesus tentang cara kematian-Nya.

³³ Selepas itu, Pilatus masuk semula ke istana dan memanggil Yesus lalu bertanya, “Adakah Kamu Raja orang Yahudi?”

³⁴ Yesus menjawab, “Adakah kata-kata ini daripada dirimu sendiri, atau adakah orang lain mengatakannya kepadamu tentang diri-Ku?”

³⁵ Pilatus menjawab, “Adakah aku seorang Yahudi? Bangsa-Mu sendiri dan ketua-ketua imam telah membawa-Mu kepadaku. Apakah yang telah Kaulakukan?”

³⁶ Yesus menjawab, “Kerajaan-Ku bukanlah daripada dunia ini. Kiranya kerajaan-Ku dari dunia ini, tentulah para murid-Ku berjuang mempertahankan-Ku daripada diserahkan kepada orang Yahudi. Tetapi kerajaan-Ku bukanlah dari sini.”

³⁷ Dengan demikian Pilatus pun berkata kepada-Nya, “Jadi, adakah Kamu seorang raja?” Yesus menjawab, “Betul katamu. Aku seorang raja. Aku dilahirkan ke dunia untuk memberikan kesaksian tentang kebenaran. Setiap orang yang memihak kepada kebenaran mendengar suara-Ku.”

³⁸ Pilatus berkata kepada-Nya, “Apakah itu kebenaran?” Kemudian dia keluar mendapatkan orang Yahudi lalu berkata, “Aku mendapati-Nya tidak bersalah sama sekali. ³⁹ Tetapi kamu ada satu adat, yaitu aku harus membebaskan seorang daripada bangsamu pada Perayaan Paskah. Mahukah kamu kubebaskan Raja orang Yahudi?”

⁴⁰ Mereka semua berteriak lagi, “Jangan bebaskan orang itu. Bebaskan Barabas.” Barabas itu seorang perompak.

19 ¹ Setelah itu, Pilatus pun membawa Yesus dan mengarahkan supaya Yesus disesah. ² Askar-askar menganyam mahkota daripada duri, dan mengenakannya pada kepala Yesus. Kemudian mereka menyarungkan jubah

berwarna ungu ke tubuh-Nya. ³ Mereka datang kepada-Nya dan berkata, “Daulat Raja orang Yahudi!” lalu menampar-Nya.

⁴ Pilatus keluar lagi dan berkata kepada mereka, “Lihat, aku bawa Dia kepadamu, supaya kamu tahu aku mendapati Dia tidak bersalah sama sekali.” ⁵ Yesus pun keluar dengan memakai mahkota duri dan jubah ungu itu. Pilatus berkata kepada mereka, “Lihatlah orang ini!”

⁶ Apabila ketua-ketua imam dan pegawai-pegawai melihat-Nya, mereka berteriak, “Salibkan Dia! Salibkan Dia!”

Pilatus berkata kepada mereka, “Kamu ambil dan salibkan Dia; kerana aku mendapati-Nya tidak bersalah sama sekali.”

⁷ Orang Yahudi itu menjawab, “Kami ada hukum, dan menurut hukum itu Dia patut dihukum mati, kerana Dia mengaku diri-Nya Anak Allah.”

⁸ Apabila mendengar kata-kata itu, Pilatus semakin takut. ⁹ Dia masuk semula ke istana dan bertanya kepada Yesus, “Dari manakah Kamu ini?”

Tetapi Yesus tidak menjawab. ¹⁰ Kemudian Pilatus berkata kepada-Nya, “Kamu tidak menjawab soalanku? Tidakkah Kamu tahu aku berkuasa untuk menyalib-Mu atau membebaskan-Mu?”

¹¹ Yesus menjawab, “Kamu tidak mungkin mempunyai kuasa langsung ke atas-Ku kecuali diberikan kepadamu dari atas; maka yang menyerahkan-Ku kepadamu itu lebih besar dosanya.”

¹² Selepas itu Pilatus cuba membebaskan-Nya, tetapi orang Yahudi berseru, “Jika kamu membebaskan orang ini, kamu bukanlah sahabat Kaisar; kerana sesiapa yang mengaku dirinya raja bercakap menentang Kaisar.”

¹³ Ketika Pilatus mendengar kata-kata demikian, dia pun membawa Yesus, lalu duduk di kerusi pengadilan di tempat yang disebut “Laman Batu”, dalam bahasa Ibrani Gabbatha. ¹⁴ Pada waktu itu persediaan sedang dibuat untuk Perayaan Paskah, kira-kira jam keenam.^r

Pilatus berkata kepada orang Yahudi, “Lihatlah Raja kamu!”

¹⁵ Tetapi mereka berseru, “Bawa Dia pergi! Bawa Dia pergi! Salibkan Dia!”

Pilatus berkata kepada mereka, “Adakah kamu mahu aku salib Rajamu?”

Ketua-ketua imam menjawab, “Kami tidak ada raja selain Kaisar.”

^r19:14 Atau: Pukul dua belas tengah hari.

¹⁶ Oleh itu, Pilatus pun menyerahkan Yesus kepada mereka untuk disalib. Lalu mereka mengambil-Nya dan membawa-Nya pergi.

Yesus disalib

¹⁷ Yesus pun mengangkat salib-Nya dan pergi ke suatu tempat yang dipanggil Tempat Tengkorak, yang dalam bahasa Ibrani disebut Golgota. ¹⁸ Di situ mereka menyalib Yesus, bersama-sama dua orang lain di kiri dan kanan-Nya dan Yesus di tengah. ¹⁹ Pilatus memerintahkan supaya satu catatan ditulis dan diletakkannya di atas salib itu. Tulisan itu berbunyi: “Yesus, orang Nazaret, Raja orang Yahudi.” ²⁰ Ramai orang Yahudi membaca tulisan itu, kerana tempat Yesus disalib itu dekat dengan kota, dan tulisan itu dalam bahasa Ibrani, Yunani dan Latin. ²¹ Ketua-ketua imam Yahudi pula berkata kepada Pilatus, “Janganlah tulis: ‘Raja orang Yahudi.’ Tetapi, tulislah: ‘Dia berkata Dia Raja orang Yahudi.’ ”

²² Pilatus menjawab, “Apa yang sudah kutulis itu sudah kutulis.”

²³ Setelah menyalib Yesus, askar-askar mengambil pakaian-Nya, dibahagi empat, sebahagian untuk setiap askar. Mereka mengambil jubah-Nya juga. Jubah itu tidak

berkelim, seluruhnya dianyam dari atas. ²⁴ Oleh itu, mereka berkata-kata sesama sendiri, “Janganlah kita koyakkan. Kita buang undi untuk menentukan siapa yang dapat.”

Dengan demikian terlaksanalah apa yang tersurat dalam Kitab Suci:

“Mereka membahagikan pakaian-Ku antara mereka,
dan untuk mendapat jubah-Ku mereka
membuang undi.”

Begitulah yang dilakukan oleh askar-askar itu.

²⁵ Di tepi salib Yesus berdiri ibu-Nya, dan saudara perempuan ibu-Nya, Maria isteri Klopas, dan Maria Magdalena. ²⁶ Apabila Yesus melihat ibu-Nya dan murid-Nya yang dikasihi berdiri di situ, Dia pun berkata kepada ibu-Nya, “Lihat, itulah anakmu.”

²⁷ Kepada murid-Nya Dia berkata, “Lihatlah ibumu.” Sejak itu murid tersebut mengambil ibu Yesus sebagai ibunya dan membawanya tinggal di rumahnya.

Kematian Yesus

²⁸ Selepas itu, Yesus mengetahui bahawa segala-galanya telah berlaku sebagaimana

tersurat dalam Kitab Suci, lalu berkata, “Aku dahaga.”

²⁹ Di situ ada sebuah bekas berisi air anggur masam. Lalu mereka memenuhkan sebuah span dengan air anggur masam itu, meletakkannya di atas batang hisop^s dan mencecahkannya ke mulut Yesus. ³⁰ Setelah Yesus menerima air anggur masam itu, Dia berkata, “Sudah selesai.” Dia menundukkan kepala lalu menyerahkan roh-Nya.

Yesus ditikam

³¹ Oleh sebab hari itu hari persediaan dan mayat-mayat itu tidak sewajarnya masih ada di atas salib pada hari Sabat (kerana hari Sabat itu hari mulia), orang Yahudi meminta kepada Pilatus agar mayat-mayat itu dipatahkan kakinya dan dibawa pergi. ³² Askar-askar pun datang mematahkan kaki orang yang disalib bersama Yesus itu, seorang demi seorang. ³³ Tetapi apabila mereka sampai kepada Yesus dan melihat Dia sudah tidak bernyawa lagi, mereka pun tidak mematahkan kaki-Nya. ³⁴ Tetapi seorang askar itu menikam rusuk-Nya dengan lembing, lalu keluarlah darah dan air.

^s**19:29** Hisop: Semak-semak kecil dengan daun wangi yang digunakan untuk upacara pembersihan.

³⁵ Maka dia yang melihatnya merakamkan sebagai kesaksian, dan rakamannya itu benar. Dia tahu bahawa dia bercakap benar, supaya kamu percaya. ³⁶ Semua ini dilakukan supaya terlaksanalah yang tersurat dalam Kitab Suci, “Tidak ada satu pun tulang-Nya akan dipatahkan.” ³⁷ Juga tersurat dalam Kitab Suci, “Mereka akan memandangi Dia yang telah ditikam oleh mereka.”

Yesus dimakamkan

³⁸ Selepas itu, Yusuf yang berasal dari Arimatea meminta izin daripada Pilatus untuk mengambil jenazah Yesus. Yusuf ialah seorang murid Yesus secara diam-diam kerana takut akan ketua orang Yahudi. Dengan izin Pilatus, maka dia datang dan mengambil jenazah Yesus. ³⁹ Nikodemus, yang pernah mendapatkan Yesus pada suatu malam dahulu, pergi bersama Yusuf membawa ramuan mir dan gaharu sebanyak kira-kira tujuh puluh lima paun. ⁴⁰ Mereka mengambil jenazah Yesus lalu mengafkannya dengan kain linen dan ramuan rempah mengikut adat pengebumian orang Yahudi. ⁴¹ Di sebuah taman di tempat Yesus disalib terdapat sebuah makam yang

19:36: Kel 12:46; Bil 9:12; Mzm 34:20.

19:37: Za 12:10; Why 1:7. **19:39:** Yoh 3:1,2.

belum pernah digunakan.⁴² Oleh sebab makam itu dekat dan hari itu hari persediaan orang Yahudi, mereka pun memasukkan jenazah Yesus ke dalamnya.

Kebangkitan Yesus Kristus

20¹ Pada awal pagi hari pertama minggu itu, ketika masih gelap lagi, Maria Magdalena pergi ke makam itu. Dia mendapati batu penutup telah digulingkan dari lubang makam itu.² Dia pun berlari mencari Simon Petrus dan murid lain yang dikasihi oleh Yesus lalu berkata, “Jenazah Tuhan telah diambil dari makam, entah ke mana dialihkan.”

³ Petrus dan murid lain itu pun pergi ke makam.⁴ Kedua-duanya berlari, tetapi murid lain itu berlari mendahului Petrus dan tiba di makam itu lebih dahulu.⁵ Dia menjenguk ke dalam dan melihat kain linen di situ tetapi tidak masuk ke makam itu.⁶ Apabila Simon Petrus yang menyusul murid lain itu tiba, dia terus masuk ke dalam makam itu dan nampak kain linen terletak di situ.⁷ Dia juga melihat kain kafan linen yang diikatkan pada kepala Yesus, terlipat berasingan.⁸ Kemudian, murid lain yang sampai dahulu di kubur itu pun masuk. Dia melihat segala-galanya lalu percaya.⁹ Setakat itu mereka belum memahami apa yang tersurat dalam Kitab

Suci, iaitu Dia harus bangkit daripada kematian.
¹⁰ Selepas itu, murid-murid Yesus itu pun pulang ke rumah mereka.

Yesus menampakkan diri kepada Maria

¹¹ Tetapi Maria berdiri di hadapan makam itu sambil menangis. Kemudian sambil menangis dia menjenguk ke dalam. ¹² Dia melihat dua malaikat berpakaian putih duduk di tempat jenazah Yesus dibaringkan dahulu, satu malaikat di sebelah kepala dan satu di sebelah kaki.

¹³ Malaikat-malaikat itu bertanya kepada Maria, “Puan, mengapa menangis?”

Maria menyahut, “Jenazah Tuhanku telah diambil, entah ke mana dialihkan!”

¹⁴ Kemudian Maria menoleh lalu melihat Yesus berdiri di situ, tetapi Maria tidak mengenal-Nya.

¹⁵ Yesus berkata kepada Maria, “Puan, mengapa menangis? Siapakah yang kamu cari?”

Pada sangkaan Maria, Dia tukang kebun di taman itu. Dengan demikian Maria berkata, “Tuan, jika kamu telah mengalihkan jenazah Yesus, beritahulah aku di mana kamu letakkan-Nya, supaya dapat kuambil jenazah-Nya.”

¹⁶ Yesus berkata kepadanya, “Maria!”

Maria berpaling kepada Yesus lalu berseru dalam bahasa Ibrani, “Rabboni!” (ertinya “Guru”).

¹⁷ Yesus berkata kepadanya, “Jangan berpaut pada-Ku, kerana Aku belum lagi kembali kepada Bapa. Pergilah kepada murid-murid-Ku, katakan kepada mereka bahawa sekarang Aku akan kembali kepada Bapa-Ku dan Bapamu, Allah-Ku dan Allahmu.”

¹⁸ Maria Magdalena pun pergi mendapatkan para murid Yesus lalu memberitahu, “Aku telah melihat Tuhan.” Dan Dia telah menuturkan kata-kata itu kepadanya.

Yesus menampakkan diri kepada murid-murid-Nya

¹⁹ Pada hari minggu itu, setelah petang, para murid Yesus berhimpun di sebuah rumah dengan pintu terkunci kerana takut akan orang Yahudi. Yesus berdiri di tengah-tengah mereka lalu berkata, “Damai sejahtera kepada kamu!”

²⁰ Selepas itu, Dia menunjukkan tangan dan rusuk-Nya kepada mereka, maka murid-murid itu pun bersukacita melihat Tuhan. ²¹ Yesus berkata lagi kepada mereka, “Damai sejahtera kepada kamu! Sebagaimana Bapa mengutus-Ku, begitulah Aku mengutusmu.” ²² Kemudian Dia menghembuskan nafas-Nya ke atas mereka lalu berkata, “Terimalah Roh Kudus. ²³ Sesiapa yang

kamu ampunkan dosanya, dosanya diampunkan. Sesiapa yang tidak kamu ampunkan dosanya, dosanya tidak akan diampunkan.”

Yesus menampakkan diri kepada Tomas

²⁴ Tomas yang digelar Didimus, seorang daripada murid Yesus yang dua belas itu, tidak ada bersama mereka apabila Yesus datang.

²⁵ Oleh itu, murid-murid lain memberitahu Tomas, “Kami telah melihat Tuhan!”

Tetapi Tomas berkata, “Selagi aku tidak melihat sendiri bekas paku di tangan-Nya, dan memasukkan jariku ke dalam bekas luka itu, juga memasukkan tanganku ke dalam rusuk-Nya, aku tidak mahu percaya.”

²⁶ Seminggu selepas itu, para murid Yesus termasuk Tomas berhimpun lagi di situ. Sungguhpun pintu terkunci seperti dahulu, Yesus muncul dalam kalangan mereka lalu berkata, “Damai sejahtera kepada kamu!” ²⁷ Setelah itu, Dia berkata kepada Tomas, “Hulurkan jarimu di sini, dan lihatlah tangan-Ku. Hulurkan tanganmu dan masukkan ke dalam rusuk-Ku. Jangan ragu-ragu lagi. Percayalah.”

²⁸ Tomas pun berkata kepada Yesus, “Ya Tuhanku! Ya Allahku!”

²⁹ Yesus berkata kepadanya, “Tomas, oleh sebab kamu telah melihat-Ku maka kamu percaya.

Diberkatilah orang yang percaya walaupun tidak melihat-Ku!”

Tujuan kitab ini ditulis

³⁰ Yesus telah melakukan banyak lagi mukjizat di hadapan murid-murid-Nya, tetapi tidak ditulis dalam kitab ini. ³¹ Tetapi segala yang telah ditulis di sini bertujuan supaya kamu percaya bahawa Yesus ialah Kristus, Anak Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu akan memperoleh hidup dalam nama-Nya.

Yesus menampakkan diri di Tasik Tiberias

21 ¹ Setelah itu, Yesus menampakkan diri sekali lagi kepada murid-murid-Nya, di Laut Tiberias. Demikianlah kejadian itu berlaku: ² Simon Petrus, Tomas yang disebut Didimus, Natanael (yang berasal dari Kana di Galilea), anak-anak Zebedeus, dan dua orang murid Yesus yang lain, sedang berhimpun di situ. ³ Simon Petrus berkata kepada mereka, “Aku hendak pergi menangkap ikan.”

Mereka berkata kepadanya, “Kami hendak pergi bersama-sama.” Mereka pun pergi menaiki perahu. Tetapi semalaman tiada seekor ikan pun dapat ditangkap oleh mereka. ⁴ Ketika matahari

terbit, Yesus berdiri di pantai, tetapi murid-murid tidak mengenal-Nya. ⁵ Yesus bertanya kepada mereka, “Anak-anak, kamu ada ikan?”

“Tidak, kami tidak mendapat seekor ikan pun,” jawab mereka.

⁶ Yesus berkata kepada mereka “Tebarkanlah jalamu di sebelah kanan perahu, kamu akan mendapat ikan.” Mereka pun berbuat demikian, maka begitu sarat jala mereka dengan ikan sehingga tidak terdaya mereka menariknya kembali.

⁷ Oleh itu, murid yang dikasihi oleh Yesus berkata kepada Simon Petrus, “Itu Tuhan!” Setelah mendengar bahawa Tuhan yang berdiri di situ, Petrus terus memakai baju luarnya (yang telah ditanggalkannya tadi untuk bekerja) lalu dia terjun ke dalam air. ⁸ Para murid lain menuju ke pantai dengan perahu sambil menarik jala yang sarat dengan ikan. Mereka tidak berapa jauh dari darat, hanya kira-kira dua ratus hasta.^t ⁹ Setelah sampai di pantai, mereka melihat ikan dibakar di atas bara api, dan roti pun ada. ¹⁰ Yesus berkata kepada mereka, “Bawalah sedikit ikan yang baru kamu tangkap itu.”

^t**21:8** Kira-kira seratus meter.

21:6: Luk 5:6.

¹¹ Simon Petrus pergi ke perahu lalu menyeret jala ke darat. Walaupun sarat dengan ikan yang besar-besar, seratus lima puluh tiga ekor semuanya, namun jala itu tidak koyak. ¹² Yesus berkata kepada mereka, “Marilah bersarapan.” Tiada seorang murid pun yang berani bertanya, “Siapakah Engkau?” kerana mereka tahu bahawa Dia ialah Tuhan. ¹³ Yesus pun merapati mereka, mengambil roti lalu memberikannya kepada mereka. Begitu juga dilakukan-Nya dengan ikan.

¹⁴ Itulah kali ketiga Yesus menampakkan diri kepada murid-murid-Nya setelah Dia dibangkitkan daripada kematian.

Yesus meneguhkan hati Petrus

¹⁵ Selepas sarapan bersama-sama, Yesus bertanya kepada Simon Petrus, “Simon anak Yohanes, adakah kamu benar-benar mengasihi-Ku lebih daripada mereka ini?”

Petrus menjawab, “Ya Tuhan, Engkau tahu bahawa aku mengasihi-Mu.”

Yesus berkata kepadanya, “Berilah anak-anak domba-Ku makan.”

¹⁶ Bagi kali kedua Yesus bertanya, “Simon anak Yohanes, adakah kamu benar-benar mengasihi-Ku?”

Petrus menjawab, “Ya Tuhan, Engkau tahu bahawa aku mengasihi-Mu.”

Yesus berkata kepadanya, “Peliharalah domba-domba-Ku.”

¹⁷ Bagi kali ketiga Yesus bertanya kepadanya, “Simon anak Yohanes, adakah kamu mengasihi-Ku?”

Petrus sedih kerana Yesus bertanya kepadanya bagi kali ketiga, “Adakah kamu mengasihi-Ku?” Lalu dia menjawab, “Tuhan, Engkau mengetahui segala-galanya. Engkau tahu bahawa aku mengasihi-Mu!”

Yesus berkata kepadanya, “Berilah domba-domba-Ku makan. ¹⁸ Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sewaktu muda kamu mengikat tali pinggangmu lalu pergi ke mana-mana yang kamu mahu. Tetapi semasa tua nanti, kamu akan menghulurkan tangan dan orang akan mengikat kamu lalu membawamu ke tempat yang kamu tidak mahu pergi.” ¹⁹ Kata-kata Yesus ini membayangkan bagaimana Petrus akan mati untuk memuliakan Allah. Yesus pun berkata kepada Petrus, “Ikutlah Aku!”

Murid yang dikasihi Yesus

²⁰ Petrus menoleh lalu melihat murid yang dikasihi oleh Yesus sedang mengikut mereka. Murid itulah yang duduk bertelekan di sisi-Nya

ketika makan malam dahulu dan bertanya kepada-Nya, “Tuhan, siapakah yang akan mengkhianati-Mu?”²¹ Ketika melihatnya, Petrus bertanya kepada Yesus, “Tuhan, bagaimana dengan orang ini?”

²² Yesus menjawab, “Sekiranya Aku mahu dia tetap ada hingga Aku datang kembali, apa kena-mengena denganmu? Kamu ikutlah Aku.”

²³ Oleh itu, tersebarlah dalam kalangan murid Yesus bahawa murid tersebut tidak akan mati. Tetapi Yesus tidak berkata bahawa murid itu tidak akan mati. Yesus berkata, “Sekiranya Aku mahu dia tetap ada hingga Aku datang kembali, apa kena-mengena denganmu?”

Kata penutup

²⁴ Murid itulah yang memberikan kesaksian tentang hal-hal ini. Dialah yang menulis semua ini dan kita tahu kesaksiannya itu benar.

²⁵ Ada banyak lagi perkara lain yang dilakukan oleh Yesus. Andainya dituliskan segala-galanya, aku rasa seluruh dunia ini pun tidak cukup untuk memuatkan semua kitab itu.

KISAH PARA RASUL

Yesus dinaikkan ke syurga

1 ¹ Kepada Teofilus, dahulu dalam kitabku yang pertama aku telah menceritakan segala yang dilakukan dan diajarkan oleh Yesus, ² dari awal pelayanan-Nya hingga ke hari Dia diangkat ke syurga. Sebelumnya, Dia telah memberikan perintah melalui Roh Kudus kepada para rasul yang telah dipilih-Nya. ³ Dia telah menampakkan diri-Nya dalam keadaan hidup kepada mereka selepas kesengsaraan-Nya dengan banyak keterangan sah. Mereka melihat-Nya selama empat puluh hari, dan Dia bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan Allah. ⁴ Pada suatu hari ketika Yesus bersama mereka, Dia berpesan supaya mereka jangan meninggalkan Yerusalem. Kata-Nya, “Haruslah kamu menantikan apa yang dijanjikan Bapa, dan yang telah kamu dengar daripada-Ku; ⁵ kerana Yohanes telah membaptis orang dengan air,

1:1: Luk 1:1-4. **1:4:** Luk 24:49.

1:5: Mat 3:11; Mrk 1:8; Luk 3:16; Yoh 1:33.

tetapi kamu akan dibaptiskan dengan Roh Kudus tidak berapa lama lagi.”

⁶ Oleh itu, ketika mereka berhimpun, mereka pun bertanya kepada Yesus, “Ya Tuhan, pada masa inilah Tuhan mengembalikan kerajaan ini kepada bangsa Israel?”

⁷ Dia berkata kepada mereka, “Tidaklah diberi bagi kamu mengetahui waktu atau saat yang sudah ditetapkan oleh Bapa dalam kekuasaan-Nya sendiri. ⁸ Tetapi kamu akan menerima kuasa apabila Roh Kudus datang ke atasmu; dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea dan Samaria, bahkan sampai ke hujung bumi.” ⁹ Setelah Dia berkata demikian, di hadapan mata mereka Dia diangkat lalu disambut awan dan lenyap daripada pandangan mereka.

¹⁰ Sedang mereka merenung ke langit ketika Dia diangkat, tiba-tiba dua orang yang berpakaian putih berdiri di samping mereka. ¹¹ Orang itu berkata, “Wahai orang Galilea, mengapa kamu berdiri memandang ke langit? Sebagaimana Yesus telah diangkat ke syurga daripada kalanganmu, begitu jugalah Dia datang kelak.”

1:8: Mat 28:19; Mrk 16:15; Luk 24:47,48.

1:9: Mrk 16:19; Luk 24:50,51.

Matias dipilih menggantikan Yudas

¹² Setelah itu, para rasul pun kembali ke Yerusalem dari bukit bernama Zaitun yang dekat dengan kota itu, jaraknya perjalanan sehari Sabat. ¹³ Setibanya mereka di Yerusalem, mereka naik ke bilik atas tempat mereka menumpang. Mereka ialah Petrus, Yohanes, Yakobus, Andreas; Filipus dan Tomas, Bartolomeus, Matius, Yakobus anak Alfeus, dan Simon, orang Patriot; serta Yudas anak Yakobus. ¹⁴ Mereka semuanya dengan sehati terus-menerus berdoa, bersama orang perempuan dan Maria ibu Yesus, serta saudara-saudara-Nya.

¹⁵ Pada masa itu Petrus berdiri dalam kalangan murid Yesus (kesemuanya yang berhimpun kira-kira seratus dua puluh orang) lalu berkata, ¹⁶ “Saudara-saudara, pastilah terlaksana Kitab Suci yang dahulu disampaikan oleh Roh Kudus melalui lidah Daud tentang Yudas, yang menjadi panduan kepada orang yang menangkap Yesus. ¹⁷ Dia telah dianggap sebahagian daripada kita dan diberi jawatan dalam pekerjaan kita ini.”

¹⁸ (Dia memperoleh sekeping tanah dengan upah durjananya; dia jatuh terjerumus,

1:13: Mat 10:2-4; Mrk 3:16-19; Luk 6:14-16.

1:18: Mat 27:3-8.

bahagian pertengahan tubuhnya pecah dan segala isi perutnya terburai. ¹⁹ Seluruh penduduk Yerusalem mendapat tahu hal itu lalu menamakan tanah itu Hakal Dama dalam bahasa mereka, iaitu Tanah Darah.)

²⁰ “Sudah tersurat dalam kitab Mazmur,
‘Biarlah tempat kediamannya menjadi sepi;
Dan jangan sesiapa pun tinggal di situ,’ dan,
‘Biarlah orang lain mengambil jawatannya.’

²¹ Oleh itu, antara orang yang telah berserta dengan kita sepanjang masa Tuhan Yesus, keluar masuk bersama kita, ²² dari masa Yesus dibaptiskan oleh Yohanes sampailah ke hari Dia diangkat naik daripada kalangan kita, seorang daripada mereka haruslah menjadi saksi di samping kita tentang kebangkitan-Nya.”

²³ Mereka mencadangkan dua orang: Yusuf yang juga dipanggil Barsabas (juga dikenali sebagai Yustus), dan Matias. ²⁴ Mereka pun berdoa, “Ya Tuhan yang mengetahui hati sekalian manusia, tunjukkanlah yang mana antara dua orang ini Engkau pilih ²⁵ untuk memegang jawatan ini serta menjalankan kerja kerasulan bagi menggantikan Yudas; sebabnya Yudas telah meninggalkan jawatan dan pekerjaan ini untuk

pergi ke tempat yang wajar baginya.”²⁶ Mereka membuang undi lalu terkena kepada Matias. Dia pun diambil menyertai sebelas rasul itu.

Kedatangan Roh Kudus

2¹ Apabila tiba Hari Pentakosta, mereka semuanya bersama-sama di suatu tempat.

² Tiba-tiba kedengaran bunyi dari langit seperti angin kencang menderu, memenuhi seluruh rumah tempat mereka sedang duduk.

³ Kemudian kelihatan lidah-lidah yang berbelah-belah, seperti api rupanya, dan setiap satu hinggap di atas setiap orang daripada mereka.

⁴ Mereka semuanya dipenuhi Roh Kudus lalu mulai bertutur dalam pelbagai bahasa asing, seperti yang diberikan oleh Roh itu.

⁵ Pada waktu itu terdapat orang Yahudi yang salih daripada segala bangsa di bawah langit tinggal di Yerusalem. ⁶ Apabila mendengar bunyi itu, mereka datang beramai-ramai lalu tercengang kerana masing-masing mendengar orang bertutur dalam bahasanya. ⁷ Mereka hairan dan takjub lalu berkata sesama sendiri, “Bukankah semuanya yang berkata-kata ini orang Galilea? ⁸ Bagaimanakah mungkin masing-masing kita mendengar bahasa ibunda sendiri? ⁹ Orang

Partia, Media, dan Elam, orang yang tinggal di Mesopotamia, Yudea dan Kapadokia, Pontus dan Asia Kecil. ¹⁰ Frigia dan Pamfilia, Mesir dan kawasan-kawasan Libya yang bersempadan dengan Kirene, pengunjung dari Roma^u, ¹¹ baik berbangsa Yahudi mahupun penganut agama Yahudi, orang Kreta dan orang Arab, kita mendengar mereka bercakap dalam bahasa kita masing-masing tentang perbuatan Allah yang menakjubkan.” ¹² Oleh itu, mereka hairan dan bingung lalu bertanya sesama sendiri, “Apakah ertinya semua ini?”

¹³ Ada pula yang mengejek, “Semua orang ini mabuk air anggur manis.”

Khutbah Petrus

¹⁴ Petrus berdiri bersama sebelas rasul lagi lalu berkata dengan suara yang lantang, “Saudara-saudara orang Yahudi dan semua penduduk di Yerusalem, ketahuilah hal ini serta dengarlah baik-baik kata-kataku. ¹⁵ Mereka ini bukanlah mabuk seperti saudara-saudara sangka, kerana hari baru jam ketiga.^v ¹⁶ Tetapi inilah yang dikatakan oleh Nabi Yo'el:

^u**2:10** Dlm Bhs Malaysia, Roma lazim disebut Rom.

^v**2:15** Pukul sembilan pagi.

¹⁷ 'Bahawa akan berlaku pada akhir zaman,
firman Allah,
Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas
semua manusia.

Anakmu lelaki perempuan akan bernubuat,
Orang mudamu akan melihat penglihatan,
Orang tuamu akan bermimpi.

¹⁸ Dan ke atas hamba-Ku lelaki perempuan,
Aku akan mencurahkan Roh-Ku ketika itu,
lalu mereka bernubuat.

¹⁹ Aku akan menunjukkan keajaiban di langit
dan tanda di bumi,
darah dan api serta kepulan-kepulan asap.

²⁰ Matahari akan menjadi gelap,
dan bulan menjadi seperti darah,
sebelum tiba hari Tuhan yang besar dan
mulia.

²¹ Dan terlaksanalah kelak,
bahawa sesiapa yang menyeru nama Tuhan
akan diselamatkan.'

²² Saudara-saudara orang Israel, dengarlah
kata-kata ini: Yesus orang Nazaret itu seorang
Manusia yang dipersaksikan oleh Allah kepadamu
dengan mukjizat, keajaiban dan tanda yang
dilakukan Allah melalui-Nya dalam kalangan
kamu. Kamu sendiri tahu tentang hal itu.

²³ Dia, yang diserahkan kepadamu seperti yang telah dirancangan dan ditentukan oleh Allah, telah kamu salib dan bunuh dengan bantuan orang durjana. ²⁴ Allah telah membangkitkan-Nya, setelah membebaskan-Nya daripada kesengsaraan maut, kerana tidak mungkin maut dapat menahan-Nya. ²⁵ Kerana Daud telah berkata tentang-Nya:

‘Bahawa aku telah melihat Tuhan sentiasa di hadapanku.

Dia ada di sisi kananku,
aku tidak akan goyah.

²⁶ Maka hatiku bersukacita, dan lidahku bergembira;
jasadku juga akan bersandar pada harapan.

²⁷ Kerana Engkau tidak akan meninggalkan rohku di alam maut,
dan Engkau tidak akan membiarkan Orang Suci-Mu reput.

²⁸ Engkau telah menunjukkan jalan hidup,
dan Engkau akan memenuhiku dengan kebahagiaan di hadirat-Mu.’

²⁹ Saudara-saudaraku, aku akan bercakap terus terang kepadamu tentang moyang kita Daud, bahawa dia sudah meninggal dan dimakamkan,

2:23: Mat 27:35; Mrk 15:24; Luk 23:33; Yoh 19:18. **2:24:**

Mat 28:5,6; Mrk 16:6; Luk 24:5. **2:25:** Mzm 16:8-11.

dan makamnya ada di tanah kita sampai hari ini.

³⁰ Oleh sebab dia seorang nabi dan menyadari bahawa Allah telah berjanji kepadanya dengan bersumpah bahawa Dia akan mendudukkan seorang daripada benih keturunan jasadnya di atas takhtanya. ³¹ Dia telah melihat terdahulu hal ini, maka dia bercakap tentang kebangkitan Kristus, bahawa roh-Nya tidak akan ditinggalkan di alam maut, dan jasad-Nya tidak akan reput.

³² Allah telah membangkitkan Yesus ini dan kami semua menyaksikannya. ³³ Dia telah dinaikkan ke syurga ke sebelah kanan Allah, dan daripada Allah Bapa Dia telah menerima Roh Kudus yang telah dijanjikan-Nya. Lalu Dia mencurahkan Roh itu seperti yang kamu lihat dan dengar sekarang. ³⁴ Daud tidak naik ke syurga, tetapi dia sendiri berkata demikian,

‘Tuhan berfirman kepada Tuanku:

Duduklah di sebelah kanan-Ku,

³⁵ sehingga Kujadikan musuh-musuh-Mu alas kaki-Mu.’

³⁶ Oleh itu, hendaklah seluruh keturunan kaum Israel tahu dengan pastinya, bahawa Allah telah menjadikan Yesus, yang kamu salib itu, Tuhan dan Kristus.”

³⁷ Apabila mereka mendengar ini, hati mereka pun berasa tertusuk, lalu mereka berkata kepada Petrus dan para rasul yang lain, “Saudara-saudara, apakah yang patut kami perbuat?”

³⁸ Petrus pun berkata kepada mereka, “Bertaubatlah, dan hendaklah setiap orang daripada kamu dibaptiskan atas nama Yesus Kristus supaya dosa-dosamu diampunkan; dan kamu akan menerima pemberian Roh Kudus; ³⁹ kerana janji itu telah dibuat kepada kamu dan anak-anakmu, dan kepada semua yang jauh-jauh, seberapa ramai yang akan dipanggil oleh Tuhan Allah kita.”

⁴⁰ Petrus bersaksi dengan banyak perkataan lain lagi, dan menyeru mereka, “Selamatkanlah dirimu daripada angkatan yang ingkar ini.”

⁴¹ Kemudian semua orang yang menerima kata-katanya dengan rela hati dibaptiskan; pada hari itu bilangan mereka bertambah kira-kira tiga ribu orang.

Jemaah yang pertama

⁴² Mereka berpegang teguh pada pengajaran para rasul, dan pada persaudaraan, pembahagian roti dan doa.

⁴³ Rasa takut memenuhi setiap hati dan banyak keajaiban serta tanda dilakukan melalui para

rasul itu. ⁴⁴ Ketika itu semua yang beriman tetap bersatu dan berkongsi segala yang ada pada mereka, ⁴⁵ serta menjual harta benda mereka lalu membahagikannya antara mereka menurut keperluan seseorang. ⁴⁶ Demikianlah setiap hari mereka di Bait Suci dengan satu hati, dan membahagi roti dari rumah ke rumah, lalu memakan rezeki mereka dengan sukacita dan tulus hati, ⁴⁷ sambil memuji Allah dan menerima rasa muhibah daripada semua orang. Setiap hari Tuhan menambah bilangan jemaah mereka itu dengan orang yang diselamatkan.

Orang lumpuh disembuhkan

3 ¹ Petrus dan Yohanes naik ke Bait Suci bersama-sama pada waktu beribadat pada jam kesembilan.^w ² Ada seorang lumpuh sejak dari rahim ibunya. Setiap hari dia diangkat orang dan diletakkan di pintu Bait Suci itu yang dinamakan Pintu Indah, untuk meminta sedekah daripada orang yang masuk ke Bait Suci itu. ³ Apabila dia melihat Petrus dan Yohanes sedang hendak masuk ke Bait Suci itu, dia pun meminta sedekah. ⁴ Petrus merenungnya, bersama Yohanes, lalu berkata, “Pandanglah

^w**3:1** Atau: Pukul tiga petang.

2:44: Kis 4:32-35.

kami.”⁵ Orang itu pun menatap mereka, dengan harapan mendapat sesuatu daripada mereka.⁶ Kemudian Petrus berkata, “Emas perak tiada padaku, tetapi apa yang ada padaku kuberikan kepadamu: Dalam nama Yesus Kristus, orang Nazaret, bangkit dan berjalanlah.”⁷ Petrus memegang tangan kanannya dan menolongnya berdiri, lalu serta-merta tulang kaki dan buku lalinya mendapat kekuatan.⁸ Orang itu melompat bangun, berdiri lalu berjalan. Kemudian dia masuk ke Bait Suci itu mengikut Petrus dan Yohanes sambil berjalan, melompat dan memuji Allah.⁹ Semua orang melihatnya berjalan sambil memuji Allah.¹⁰ Ketika itu mereka pun mengetahui dia itu orang yang duduk meminta sedekah di Pintu Indah Bait Suci itu. Mereka pun dipenuhi rasa hairan dan ajaib akan apa yang telah berlaku kepadanya.

Petrus berkhotbah di Bait Suci

¹¹ Sementara orang lumpuh yang telah disembuhkan itu berpegang kepada Petrus dan Yohanes, semua orang yang tersangat hairan itu berlari mengerumuni mereka di serambi yang dinamakan Serambi Salomo.¹² Apabila Petrus melihat keadaan ini, dia terus berkata kepada orang yang berhimpun itu, “Saudara-saudara orang Israel, mengapa kamu takjub melihat

kejadian ini? Mengapa pula kamu merenung kami, seolah-olah dengan kuasa atau kesalihan kami sendiri kami telah membolehkan orang ini berjalan? ¹³ Allah Abraham, Ishak dan Yakub, Allah nenek moyang kita, telah memuliakan Hamba-Nya Yesus yang telah kamu serahkan dan sangkal di hadapan Pilatus walaupun dia membuat keputusan hendak melepaskan-Nya. ¹⁴ Kamu menyangkal Yang Suci dan Benar itu, serta meminta seorang pembunuh diserahkan kepadamu, ¹⁵ lalu kamu membunuh sumber hayat itu; Allah membangkitkan-Nya daripada kematian, dan kami ini menjadi saksi-Nya. ¹⁶ Iman pada nama Yesus telah menguatkan orang ini, yang kamu lihat dan kenali. Ya, iman yang datang daripada-Nya telah memberi orang ini kesihatan yang sempurna di hadapan kamu sekalian.

¹⁷ Namun demikian, saudara-saudara, aku tahu bahawa kamu berbuat demikian dalam kejahilan, begitu juga para pemimpinmu. ¹⁸ Tetapi dengan cara demikianlah segala yang dinyatakan Allah melalui lidah nabi-nabi-Nya, bahawa Kristus akan menderita, telah ditunaikan-Nya. ¹⁹ Oleh itu, bertaubatlah dan berpalinglah kepada Allah, supaya dosa-dosamu dihapuskan, dan

supaya masa yang memberikan kesegaran datang kelak daripada Tuhan. ²⁰ Dan juga supaya Dia menghantar Yesus Kristus yang telah ditentukan-Nya menjadi Kristus bagimu. ²¹ Kristus mesti tetap di syurga sampai masa Allah memulihkan segala-galanya, seperti yang difirmankan-Nya dahulukala melalui lidah nabi-nabi-Nya yang suci. ²² Musa sesungguhnya telah berkata kepada nenek moyang kita, 'Tuhan Allah akan membangkitkan untukmu seorang Nabi sepertiku daripada kalangan bangsamu. Dengarlah segala kata-Nya kepadamu dalam semua hal. ²³ Setiap jiwa yang tidak mendengar kata Nabi itu akan dibinasakan sama sekali daripada kalangan kaumnya.' ²⁴ Ya, semua nabi, daripada Samuel dan selepasnya, semua yang telah bersuara, juga telah bernubuat tentang zaman ini. ²⁵ Kamu ialah anak cucu nabi-nabi itu, dan waris perjanjian yang dibuat Allah dengan nenek moyang kita melalui firman-Nya kepada Abraham, 'Melalui benihmu semua bangsa di bumi akan diberkati.' ²⁶ Pertama sekali kepada kamu, Allah telah membangkitkan Hamba-Nya Yesus dan menghantar-Nya untuk memberkatimu dengan memalingkan kamu sekalian daripada kejahatanmu."

Petrus dan Yohanes di hadapan Majlis Agama

4¹ Sementara mereka^x bercakap kepada orang ramai, para imam dan ketua pengawal Bait Suci serta orang Saduki datang kepada mereka. ² Mereka sangat gelisah bahawa rasul itu mengajar orang ramai dan memberitakan kebangkitan daripada kematian melalui Yesus. ³ Mereka menangkap Petrus dan Yohanes lalu memasukkan mereka ke dalam penjara sampai esok kerana hari sudah malam. ⁴ Namun demikian, ramai orang yang telah mendengar apa yang diajarkan itu percaya, dan jumlah laki-laki telah bertambah kira-kira lima ribu.

⁵ Pada esoknya, para pemimpin masyarakat Yahudi, tua-tua dan ahli-ahli Taurat berhimpun di Yerusalem, ⁶ dan juga imam besar Hanas, Kayafas, Yohanes, Aleksander^y dan seluruh keluarga imam besar. ⁷ Mereka membawa Petrus dan Yohanes untuk dihadapkan kepada mereka. Kemudian mereka pun bertanya, “Dengan kuasa apa dan dengan nama siapakah kamu telah melakukan perkara itu?”

⁸ Petrus yang dipenuhi Roh Kudus berkata kepada mereka, “Para pemimpin masyarakat

^x4:1 ‘Mereka’ merujuk kepada Petrus dan Yohanes.

^y4:6 Nama lain: Iskandar.

Israel! ⁹ Sekiranya hari ini kami dihakimi atas perbuatan baik kepada seorang yang lumpuh, sehingga dia dipulihkan, ¹⁰ maka ketahuilah kamu sekalian dan seluruh bangsa Israel, bahawa dengan nama Yesus Kristus dari Nazaret, yang telah kamu salib dan telah dibangkitkan Allah daripada kematian, dengan nama Dialah orang ini berdiri di sini di hadapanmu dalam keadaan sihat sempurna. ¹¹ Inilah

‘batu yang kamu buang sebagai pembina, kini telah menjadi batu penjuru.’

¹² Tiadalah penyelamatan melalui sesiapa yang lain, kerana tiada nama lain di bawah langit ini diberikan dalam kalangan manusia, yang dapat menyelamatkan kita.”

¹³ Apabila mereka melihat keberanian Petrus dan Yohanes sedangkan kedua-duanya ternyata orang yang tidak berpelajaran serta tidak terlatih, mereka pun hairan. Mereka sedar bahawa kedua-duanya telah bersama dengan Yesus.

¹⁴ Apabila mereka melihat orang yang sudah disembuhkan itu berdiri di sisi kedua-duanya, mereka tidaklah dapat menyangkal lagi. ¹⁵ Tetapi setelah mereka menyuruh kedua-duanya keluar dari majlis itu, mereka pun bermesyuarat sesama sendiri, ¹⁶ “Apakah yang akan kita lakukan kepada

mereka itu? Sesungguhnya, sudah nyata kepada semua orang Yerusalem bahawa satu mukjizat yang mengagumkan telah dilakukan melalui mereka, dan kita tidak dapat menafikannya.

¹⁷ Tetapi supaya berita ini tidak tersebar lebih luas dalam kalangan bangsa kita, eloklah kita melarang mereka berkata-kata lagi kepada sesiapa pun dengan menggunakan nama itu.”

¹⁸ Dengan demikian mereka pun memanggil kedua-duanya itu dan mengeluarkan perintah jangan sekali-kali bercakap atau mengajar dengan nama Yesus. ¹⁹ Tetapi Petrus dan Yohanes menjawab, “Wajarkah pada pandangan Allah jika kami mendengar katamu lebih daripada mendengar kata Allah? Timbangkanlah, ²⁰ kerana kami mesti bercakap tentang segala yang telah kami lihat dan dengar itu.” ²¹ Setelah membuat beberapa ugutan lagi, mereka melepaskan kedua-dua rasul itu kerana tidak tahu bagaimana hendak menghukum mereka, memandangkan seluruh masyarakat memuji Allah atas apa yang telah dilakukan itu; ²² padahal orang yang disembuhkan melalui mukjizat itu sudah berumur lebih daripada empat puluh tahun.

Doa orang beriman

²³ Setelah dilepaskan, Petrus dan Yohanes segera pergi mendapatkan rakan-rakan mereka

lalu menceritakan segala yang dikatakan oleh para imam besar dan pemimpin masyarakat itu kepada mereka. ²⁴ Apabila mendengar segalanya, mereka semua berseru dengan satu hati, “Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang menjadikan langit dan bumi serta laut dengan segala isinya, ²⁵ yang melalui Roh Kudus hamba-Mu Daud telah berfirman:

‘Mengapa bangsa-bangsa asing naik berang dan kaum-kaum berkomplot dengan sia-sia?

²⁶ Raja-raja bumi ini menegakkan pendirian, dan para pemimpin bermuafakat untuk melawan Tuhan

dan melawan Dia yang diurapi-Nya.’

²⁷ Sesungguhnya, Herodes dan Pontius Pilatus, bersama orang asing dan bangsa Israel telah berhimpun di negeri ini melawan Hamba Suci-Mu Yesus yang telah Kauurapi, ²⁸ untuk melakukan segala yang sudah ditentukan oleh kuasa dan tujuan-Mu. ²⁹ Ya Tuhan, lihatlah ugutan mereka dan kurniakanlah kepada hamba-hamba-Mu ini sepenuh keberanian untuk menyampaikan firman-Mu. ³⁰ Hurlurkan tangan-Mu untuk menyembuhkan dan melakukan tanda-tanda

4:24: Kel 20:11; Neh 9:6; Mzm 146:6.

4:25: Mzm 2:1,2. **4:27 a:** Luk 23:7-11; **b:** Mat 27:1,2; Mrk 15:1; Luk 23:1; Yoh 18:28,29.

ajaib serta mukjizat dengan nama Hamba Suci-Mu Yesus.”

³¹ Setelah mereka berdoa, tempat mereka berhimpun itu bergoncang. Mereka semua dipenuhi dengan Roh Kudus dan mengucap firman Allah dengan berani.

Orang beriman berkongsi segalanya

³² Semua orang yang sudah percaya itu sehati sejiwa. Tiada seorang pun yang mengatakan sesuatu itu miliknya; mereka berkongsi segalanya. ³³ Dengan kuasa yang hebat rasul-rasul itu bersaksi tentang kebangkitan Tuhan Yesus. Kasih kurnia besar melimpahi mereka sekalian. ³⁴ Tiada seorang pun di antara mereka yang kekurangan; kerana semua yang memiliki harta atau rumah telah menjualnya, membawa wang jualan itu ³⁵ dan meletakkannya di kaki para rasul; lalu dibahagikanlah antara mereka menurut keperluan masing-masing.

³⁶ Yusuf yang digelar para rasul Barnabas (yang diterjemahkan sebagai Anak Pendorong), orang Lewi dari Siprus, ³⁷ ada mempunyai tanah. Dia menjualnya lalu membawa wang jualan itu, dan meletakkannya di kaki para rasul.

Ananias dan Safira

5¹ Seorang yang bernama Ananias, serta isterinya Safira, telah menjual sebidang tanah milik mereka. ² Dia menyimpan sebahagian wang jualan itu dengan pengetahuan isterinya dan membawa sebahagian lagi untuk diletakkan di kaki para rasul. ³ Petrus berkata, “Ananias, mengapakah Iblis memenuhi hatimu sehingga kau berdusta kepada Roh Kudus dengan menyimpan sebahagian wang jualan tanah itu untuk dirimu? ⁴ Ketika tanah itu masih ada, bukankah tanah itu milikmu? Setelah dijual, bukankah wangnya dalam kawalanmu juga? Mengapakah kamu membentuk niat ini dalam hatimu? Kamu bukan berdusta kepada manusia tetapi kepada Allah.” ⁵ Apabila Ananias mendengar kata-kata itu, dia pun rebah lalu meninggal dunia. Oleh yang demikian semua orang yang mendengar hal itu amat ketakutan. ⁶ Orang muda-muda bangun lalu mengafankannya, mengangkatnya keluar dan menguburkannya.

⁷ Kira-kira tiga jam kemudian, isterinya masuk tanpa mengetahui apa yang telah terjadi. ⁸ Petrus berkata kepadanya, “Katakanlah kepadaku, adakah kamu menjual tanah itu dengan harga sekian?” Perempuan itu menjawab,

“Ya, dengan harga sekian.”

⁹ Petrus berkata kepadanya, “Bagaimana pula kamu berdua telah bermuafakat untuk mencubai Roh Tuhan? Lihatlah, kaki orang yang telah menguburkan suamimu ada di muka pintu, dan mereka akan mengangkatmu pula keluar.”

¹⁰ Perempuan itu serta-merta rebah di kakinya lalu meninggal dunia. Orang muda-muda itu masuk dan mendapati perempuan itu sudah mati lalu mengangkatnya keluar dan menguburkannya di sisi suaminya. ¹¹ Oleh yang demikian, seluruh jemaah amat ketakutan, begitu juga semua yang mendengar hal itu.

Tanda-tanda ajaib dan mukjizat

¹² Melalui rasul-rasul itu banyak tanda ajaib dan mukjizat dilakukan dalam kalangan masyarakat itu. Semuanya berhimpun dengan sehati di Serambi Salomo. ¹³ Walaupun orang lain tidak berani menyertai mereka, namun orang ramai sangat menghormati mereka.

¹⁴ Semakin lama semakinlah bertambah bilangan orang yang mempercayai Tuhan, baik lelaki mahupun perempuan. ¹⁵ Orang membawa orang sakit keluar ke tengah jalan, membaringkan mereka di atas katil dan tikar, dengan harapan sekurang-kurangnya bayang-bayang Petrus akan menyentuh sesetengahnya apabila dia lalu kelak.

¹⁶ Ramai pula orang dari kota-kota sekeliling Yerusalem datang berhimpun, membawa orang yang sakit dan yang dirasuk roh-roh jahat, lalu semuanya disembuhkan.

Para rasul dianiaya

¹⁷ Imam besar dan semua yang bersamanya (iaitu daripada mazhab orang Saduki) amat iri hati ¹⁸ lalu menangkap rasul-rasul itu dan memasukkan mereka ke penjara umum. ¹⁹ Tetapi pada malam itu malaikat Tuhan membuka pintu penjara lalu membawa rasul-rasul itu keluar sambil berkata, ²⁰ “Pergilah berdiri di Bait Suci dan nyatakan segala yang dikatakan tentang hidup baru ini kepada orang ramai.”

²¹ Setelah mendengar kata-kata itu, ketika fajar menyingsing, mereka pergi ke Bait Suci dan mula mengajar.

Kemudian tibalah imam besar dan pengikut-pengikutnya. Mereka memanggil para tua-tua orang Israel berkumpul untuk mengadakan mesyuarat Majlis Agama, lalu memerintahkan rasul-rasul itu dibawa dari penjara untuk dihadapkan kepada mereka. ²² Apabila pegawai-pegawai itu sampai di penjara dan mendapati rasul-rasul itu tidak ada di situ, mereka pun pulang melaporkan hal itu, ²³ “Kami dapati pintu penjara tetap berkunci dan pengawal-pengawal

berjaga di situ, tetapi apabila kami membuka pintu, kami dapati tiada seorang pun di dalam penjara itu.”²⁴ Apabila ketua Bait Suci dan ketua-ketua imam mendengar laporan itu, mereka kebingungan tentang apa yang mungkin terjadi kelak.²⁵ Kemudian seorang lelaki masuk dan berkata kepada mereka, “Orang yang tuan-tuan penjarakan itu sedang mengajar orang ramai di dalam Bait Suci!”²⁶ Dengan demikian, ketua Bait Suci pergi diiringi pegawai-pegawai lalu membawa rasul-rasul itu beredar dari situ tanpa menggunakan kekerasan, kerana takut direjam oleh orang ramai.

²⁷ Mereka membawa para rasul ke hadapan Majlis Agama. Imam besar berkata,²⁸ “Bukankah kami telah melarang keras kamu mengajar atas nama itu? Tetapi lihatlah, kamu telah menyebarkan ajaran itu ke serata Yerusalem dan berniat mempertanggungjawabkan kami atas kematian-Nya!”

²⁹ Petrus dan rasul yang lain menjawab, “Kami harus taat akan Allah, bukan manusia!”³⁰ Allah nenek moyang kita telah membangkitkan Yesus yang telah kamu bunuh dengan menyalib-Nya.³¹ Allah mengangkat Yesus kepada kedudukan mulia di sebelah kanan-Nya, sebagai Anak Raja

dan Penyelamat, supaya umat Israel dapat bertaubat dan dosa-dosa mereka diampunkan.

³² Kami menjadi saksi dalam semua hal ini, begitu juga Roh Kudus yang dikurniakan Allah kepada semua yang taat akan perintah-Nya.”

³³ Apabila anggota-anggota Majelis Agama mendengar kata-kata itu, mereka sangat marah sehingga berura-ura hendak membunuh para rasul. ³⁴ Akan tetapi, dalam kalangan anggota Majelis Agama itu ada seorang Farisi bernama Gamaliel, seorang ahli Taurat yang sangat disegani. Dia bangkit lalu mengarahkan orang membawa para rasul keluar sejurus.

³⁵ Kemudian dia berkata kepada Majelis Agama, “Saudara-saudara orang Israel! Timbangkan halus-halus apa yang hendak saudara semua lakukan terhadap orang itu. ³⁶ Suatu masa dahulu, Teudas telah bangkit dan mengaku dirinya pemimpin besar. Kira-kira empat ratus orang menjadi pengikutnya. Tetapi dia dibunuh, lalu semua pengikutnya kucar-kacir dan pergerakannya hilang begitu sahaja. ³⁷ Selepas itu muncul pula Yudas, orang Galilea, pada masa pembancian. Dia mempengaruhi ramai orang untuk memberontak, namun dia juga dibunuh, lantas semua pengikutnya kucar-kacir. ³⁸ Dengan demikian, dalam hal ini, aku cadangkan jangan ambil apa-apa tindakan terhadap orang itu.

Bebaskan mereka. Kalau rancangan atau usaha ini daripada manusia, segalanya akan hilang begitu sahaja. ³⁹ Sebaliknya, kalau segalanya itu datang daripada Allah, saudara-saudara tidak mungkin menumpaskannya, malah mungkin akan ternyata bahawa saudara-saudara melawan Allah.”

⁴⁰ Majlis Agama menerima nasihat Gamaliel. Para rasul dipanggil, dipukul, dilarang lagi bercakap dengan nama Yesus, lalu dibebaskan. ⁴¹ Ketika beredar pergi dari Majlis Agama, para rasul bersukacita kerana dianggap layak menanggung aib atas nama Yesus. ⁴² Setiap hari, di Bait Suci dan di setiap rumah orang, mereka terus-menerus mengajarkan dan mengkhabarkan berita baik bahawa Yesus itulah Mesias.²

Tujuh orang dipilih untuk berkhidmat

6 ¹ Tidak berapa lama selepas itu, ketika murid Yesus kian meningkat bilangannya, timbullah aduan daripada orang Yahudi peranakan Yunani terhadap orang Yahudi Ibrani. Orang Yahudi peranakan Yunani berkata bahawa balu dalam kalangan mereka diabaikan dalam pengagihan bantuan harian. ² Dengan demikian, dua belas rasul itu menghimpunkan semua murid lalu

²5:42 Atau: Kristus iaitu Penyelamat yang diutus Allah.

berkata, “Kami ini tidaklah wajar mengetepikan kewajiban menyampaikan firman Allah untuk melayan di meja makan.³ Oleh itu, pilihlah tujuh orang dalam kalangan saudara yang mempunyai nama baik dan dipenuhi Roh Kudus serta kebijaksanaan, supaya kami tugaskan mereka mengendalikan hal itu.⁴ Kami akan memenuhi masa kami dengan berdoa dan menyampaikan perkhabaran firman.”

⁵ Semua bersetuju dengan cadangan para rasul. Mereka memilih Stefanus, seorang yang sangat teguh imannya serta dikuasai oleh Roh Kudus. Di samping itu, mereka memilih Filipus, Prokhorus, Nikanor, Timon, Parmenas, dan Nikolaus dari Antiokhia, seorang penganut agama Yahudi.

⁶ Tujuh orang itu dibawa ke hadapan para rasul. Para rasul pun berdoa dan meletakkan tangan ke atas mereka.

⁷ Dengan demikian firman Allah semakin tersebar dan bilangan murid Yesus di Yerusalemin kian meningkat, dan ramai imam menjadi orang beriman.

Stefanus ditangkap

⁸ Stefanus, yang dipenuhi kasih kurnia dan kuasa rohani, banyak melakukan keajaiban dan tanda dalam kalangan orang ramai.⁹ Tetapi ada beberapa orang yang bangkit menentangnya,

iaitu anggota saumaah^a yang disebut Saumaah Orang Yang Dibebaskan (terdiri daripada orang Yahudi dari Kirene, Aleksandria,^b Kilikia dan Asia). Mereka mulai berbahas dengan Stefanus. ¹⁰ Namun demikian, mereka tidak dapat menewaskan kebijaksanaan dan Roh Kudus yang mengilhamkan kata-katanya. ¹¹ Setelah itu, mereka senyap-senyap mendorong beberapa orang berkata, “Kami telah mendengar dia melafazkan kata-kata kufur terhadap Musa dan Allah.” ¹² Mereka menghasut orang ramai, tua-tua dan ahli-ahli Taurat sehingga Stefanus ditangkap dan dihadapkan ke Majlis Agama. ¹³ Mereka membawa saksi-saksi palsu yang berkata tentang Stefanus, “Orang ini tidak putus-putus meluahkan kata-kata kufur tentang tempat suci ini dan hukum agama kita. ¹⁴ Kami mendengar dia berkata bahawa Yesus orang Nazaret itu akan membinasakan tempat ini dan mengubah segala adat yang telah disampaikan kepada kita oleh Musa.” ¹⁵ Ketika itu semua orang yang duduk di Majlis Agama merenung Stefanus dan melihat mukanya seperti wajah malaikat.

^a6:9 Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

^b6:9 Nama lain: Iskandaria.

Pembicaraan Stefanus

7¹ Kemudian imam besar bertanya kepada Stefanus, “Benarkah segala tuduhan ini?”

² Stefanus menjawab, “Bapa-bapa dan saudara-saudara! Dengarlah: Sebelum moyang kita Abraham berpindah ke Haran, Allah Yang Maha Mulia telah menampakkan diri kepadanya di Mesopotamia. ³ Allah berfirman kepadanya, ‘Tinggalkanlah negerimu dan sanak saudaramu. Pergilah ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu.’ ⁴ Abraham pun terus meninggalkan negeri Kasdim dan tinggal di Haran. Setelah bapa Abraham meninggal dunia, Allah memindahkan pula Abraham ke negeri tempat saudara-saudara dan bapa-bapa tinggal sekarang ini. ⁵ Ketika itu Allah tidak memberikan warisan apa pun kepada Abraham sebagai miliknya, secebis tanah pun tidak. Namun begitu, Allah berjanji akan mengurniakan tanah ini kepada Abraham sebagai miliknya dan milik keturunannya, walaupun pada masa itu Abraham tidak mempunyai anak. ⁶ Namun demikian, Allah berfirman kepadanya bahwa keturunannya akan menjadi pendatang di negeri orang dan akan diperhamba serta

7:2: Kej 12:1. **7:4 a:** Kej 11:31; **b:** Kej 12:4.

7:5: Kej 12:7; 13:15; 15:18; 17:8. **7:6:** Kej 15:13,14.

ditindas selama empat ratus tahun. ⁷ 'Aku akan menghukum bangsa yang memperhamba mereka,' Allah berfirman. 'Setelah itu, mereka akan keluar dari negeri itu dan menyembah-Ku di sini.' ⁸ Kemudian Allah membuat perjanjian sunat dengan Abraham; maka Abraham mendapat anak lelaki bernama Ishak dan menyunatkannya pada hari kelapan; Ishak mendapat Yakub dan Yakub mendapat dua belas orang anak lelaki yang menjadi nenek moyang bangsa kita.

⁹ Nenek moyang bangsa kita itu menaruh hasad dengki terhadap Yusuf lalu menjualnya sebagai hamba di Mesir. Tetapi Allah menyertainya ¹⁰ dan menyelamatkannya daripada segala kesusahannya. Apabila Yusuf menghadap Firaun raja Mesir, Allah mengurniainya budi dan kebijaksanaan, sehingga raja Mesir melantiknya menjadi pemerintah^c yang berkuasa atas seluruh negeri itu dan istananya. ¹¹ Kemudian seluruh Mesir dan Kanaan dilanda kebuluran, dan nenek moyang kita tidak dapat mencari makanan. ¹² Apabila Yakub mendengar bahawa di Mesir ada gandum, dia menyuruh anak-anaknya, nenek

^c**7:10** Atau: Pembesar Negeri.

7:7: Kel 3:12. **7:8 a:** Kej 17:10-14; **b:** Kej 21:2-4; **c:** Kej 25:26; **d:** Kej 29:31—35:18. **7:9 a:** Kej 37:11; **b:** Kej 37:28; **c:** Kej 39:2,21. **7:10:** Kej 41:39-41. **7:11:** Kej 42:1,2.

moyang kita, pergi ke situ bagi kali pertama.

¹³ Ketika mereka ke sana bagi kali kedua, Yusuf diperkenalkan kepada saudara-saudaranya itu dan keluarga Yusuf diketahui oleh Firaun. ¹⁴ Lalu Yusuf mengirim khabar dan meminta bapanya, Yakub, serta seluruh keluarganya berpindah ke Mesir; tujuh puluh lima jiwa semuanya.

¹⁵ Yakub sekeluarga pun berpindah ke Mesir. Di situlah dia dan nenek moyang kita meninggal dunia. ¹⁶ Jenazah mereka dibawa ke Sikhem dan dikebumikan di kuburan yang telah dibeli oleh Abraham dengan sejumlah wang daripada suku Hamor, bapa Sikhem.

¹⁷ Apabila masa bagi Allah menunaikan janji-Nya kepada Abraham semakin hampir, bilangan bangsa kita di Mesir telah meningkat banyak sekali. ¹⁸ Kemudian seorang raja lain yang tidak kenal akan Yusuf menaiki takhta kerajaan Mesir. ¹⁹ Raja itu memperdaya bangsa kita dan menindas nenek moyang kita, dengan memaksa mereka membuang bayi^d yang baru lahir dan

^d**7:19** Atau: Bayi-bayi.

7:13 a: Kej 45:1; **b:** Kej 45:16. **7:14 a:** Kej 45:9,10,17,18; **b:** Kej 46:27. **7:15 a:** Kej 46:1-7; **b:** Kej 49:33.

7:16: Kej 23:3-16; 33:19; 50:7-13; Yos 24:32.

7:17: Kel 1:7,8. **7:19 a:** Kel 1:10,11; **b:** Kel 1:22.

membiarkannya mati. ²⁰ Pada masa itulah Musa dilahirkan, seorang bayi yang elok di mata Allah. Dia dipelihara di rumah bapanya selama tiga bulan. ²¹ Apabila dia terpaksa dibuang, puteri Firaun mengambilnya dan memeliharanya sebagai anak sendiri. ²² Musa menjadi arif dalam segala ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan orang Mesir dan menjadi seorang yang sangat handal, baik dari segi perkataan mahupun perbuatan.

²³ Sewaktu Musa berusia empat puluh tahun, hatinya tergerak hendak mengunjungi saudara-saudaranya orang Israel. ²⁴ Dia terpandang seorang daripada mereka sedang dianiaya oleh seorang Mesir. Dia pun membela orang yang dianiaya itu dan membunuh orang Mesir itu; ²⁵ kerana Musa menyangka saudara-saudara sebangsanya mengerti bahawa Allah akan menyelamatkan mereka melaluinya, tetapi mereka tidak mengerti. ²⁶ Esoknya, dia terlihat pula dua orang Israel sedang bergaduh lalu cuba mendamaikan mereka, katanya, 'Kamu bersaudara. Mengapa kamu saling menganiaya?' ²⁷ Tetapi orang yang menganiaya saudara sebangsanya itu menolak Musa ke tepi sambil bertanya, 'Siapa yang menjadikan kamu

pemerintah dan hakim kami? ²⁸ Adakah kamu ingin membunuhku seperti kamu membunuh orang Mesir itu kelmarin?’ ²⁹ Ketika Musa mendengar kata-kata itu, dia lari dari Mesir lalu menetap di negeri Midian. Di situ dia mendapat dua orang anak lelaki.

³⁰ Empat puluh tahun kemudian, malaikat menampakkan diri kepada Musa di dalam api belukar yang bernyala, di tanah gurun dekat Gunung Sinai. ³¹ Musa kehairanan melihatnya lalu menghampirinya. Dia mendengar suara Tuhan berfirman, ³² ‘Akulah Allah nenek moyangmu, Allah Abraham, Ishak dan Yakub.’ Musa gementar ketakutan dan tidak berani memandang lagi. ³³ Tuhan berfirman seterusnya, ‘Tanggalkan kasutmu dari kakimu, kerana tempat kamu berdiri itu tanah suci. ³⁴ Aku telah melihat penindasan umat-Ku di Mesir. Aku telah mendengar rintihan mereka, dan telah turun untuk membebaskan mereka. Sekarang marilah, Aku akan mengutusmu ke Mesir.’

³⁵ Musa inilah yang telah ditolak oleh umat Israel dengan kata-kata, ‘Siapa yang menjadikan kamu pemerintah dan hakim kami?’ Justeru dialah yang diutus Allah sebagai pemerintah dan pembebas, melalui malaikat yang menampakkan

diri kepadanya di belukar itu. ³⁶ Musa memimpin orang Israel keluar dari Mesir setelah melakukan pelbagai mukjizat dan keajaiban di Mesir, di Laut Merah dan kemudian di tanah gurun selama empat puluh tahun. ³⁷ Musa inilah yang berkata kepada bangsa Israel, 'Allah akan membangkitkan untukmu seorang nabi sepertiku daripada kalangan bangsamu.' ³⁸ Musa inilah yang bersama jemaah yang berhimpun di tanah gurun. Dia di sana berserta nenek moyang kita dan malaikat yang berkata-kata kepadanya di Gunung Sinai. Dialah yang menerima firman hidup, untuk disampaikan kepada kita.

³⁹ Tetapi nenek moyang kita enggan taat kepadanya. Mereka menolaknya dan dalam hati mereka berpaling semula ke Mesir.

⁴⁰ Mereka berkata kepada Harun, 'Buatkan kami tuhan-tuhan yang dapat memimpin kami, kerana kami tidak tahu apa yang telah terjadi kepada Musa yang membawa kami keluar dari Tanah Mesir.' ⁴¹ Setelah itu, mereka membuat berhala berbentuk anak lembu dan mempersembahkan korban kepada berhala itu. Mereka bersuka ria meraikan buatan tangan mereka sendiri.

7:36 a: Kel 7:3; **b:** Kel 14:21; **c:** Bil 14:33.

7:37: Ul 18:15,18. **7:38:** Kel 19:1—20:17; Ul 5:1-33.

7:40: Kel 32:1. **7:41:** Kel 32:2-6.

⁴² Oleh itu, Allah berpaling daripada mereka dan membiarkan mereka menyembah segala yang di langit. Demikianlah yang tersurat dalam kitab nabi-nabi:

‘Adakah kamu mempersembahkan korban sembelihan dan persembahan kepada-Ku selama empat puluh tahun di tanah gurun, hai keturunan kaum Israel?

⁴³ Malah kamu mengusung khemah Molokh dan bintang berhalamu Refan, berhala-berhala yang kamu buat untuk kamu sembah; maka Aku akan membuangmu jauh ke seberang Babel.’

⁴⁴ Nenek moyang kita mempunyai Khemah Kesaksian di tanah gurun. Khemah ini dibuat sebagaimana yang diperintahkan kepada Musa menurut contoh yang telah dilihatnya. ⁴⁵ Nenek moyang kita, setelah menerimanya, bersama Yosua telah membawanya masuk ke negeri kita yang dikuasai oleh bangsa-bangsa asing. Allah telah mengusir bangsa-bangsa asing itu di hadapan mereka, dan khemah itu tetap di tanah tersebut hingga zaman Daud. ⁴⁶ Daud mendapat keredaan Allah dan memohon izin-Nya

7:42: Am 5:25-27. **7:44:** Kel 25:9,40.

7:45: Yos 3:14-17. **7:46:** 2Sam 7:1-16; 1Taw 17:1-14.

untuk membina sebuah tempat kediaman Allah Yakub. ⁴⁷ Tetapi Salomo yang membina rumah untuk-Nya.

⁴⁸ Namun demikian, Tuhan Yang Maha Tinggi tidak tinggal di dalam rumah buatan tangan manusia, seperti kata nabi:

⁴⁹ 'Langit takhta-Ku,^e

dan bumi alas kaki-Ku.

Rumah apakah yang hendak kamu bina untuk-Ku,

dan di manakah tempat rehat-Ku? firman Tuhan.

⁵⁰ Bukankah Aku sendiri yang telah mencipta semua ini?'

⁵¹ Hai yang keras kepala dan tidak bersunat hati dan telinga! Kamu sentiasa melawan Roh Kudus sebagaimana yang dilakukan oleh nenek moyangmu. ⁵² Nabi manakah yang tidak dianiaya oleh nenek moyangmu? Mereka membunuh nabi-nabi yang telah menubuatkan kedatangan Yang Benar itu, yang kamu khianati dan bunuh.

⁵³ Kamu telah menerima Taurat Allah yang disampaikan oleh malaikat, tetapi kamu tidak mematuhinya."

^e**7:49** Atau: Syurga arasy-Ku.

7:47: 1Raj 6:1-38; 2Taw 3:1-17. **7:49:** Yes 66:1,2.

7:51: Yes 63:10.

Stefanus direjam

⁵⁴ Apabila mendengar kata-kata ini, mereka tersangat sakit hati dan berang terhadap Stefanus. ⁵⁵ Akan tetapi, dia dipenuhi Roh Kudus lalu merenung ke langit dan melihat kemuliaan Allah serta Yesus berdiri di sebelah kanan Allah. ⁵⁶ Dia berkata, “Lihatlah! Aku nampak syurga terbuka dan Anak Manusia berdiri di sebelah kanan Allah!”

⁵⁷ Mereka pun bertempik sambil menutup telinga lalu menyerang Stefanus serentak. ⁵⁸ Mereka menyeret dia ke luar kota lalu merejamnya. Orang yang menyaksikan segalanya itu meletakkan jubah mereka di kaki seorang muda bernama Saul. ⁵⁹ Ketika mereka merejam Stefanus, dia berseru, “Tuhan Yesus, terimalah rohku.” ⁶⁰ Kemudian dia berlutut dan berteriak dengan suara yang kuat, “Tuhan, jangan tanggungkan dosa ini atas mereka.” Setelah berkata demikian, dia pun meninggal dunia.

Penganiayaan terhadap jemaah di Yerusalem

8 ¹ Saul menyetujui kematian Stefanus. Pada masa itu penganiayaan yang dahsyat dilakukan terhadap jemaah di Yerusalem; dan mereka pun bercerai-berai di serata Yudea dan Samaria, kecuali para rasul. ² Beberapa orang

yang salih mengebumikan Stefanus dan amat meratapi kematiannya.

³ Saul berusaha untuk menghapuskan jemaah; dia memasuki setiap rumah dan menyeret keluar lelaki perempuan lalu memasukkan mereka ke dalam penjara.

Filipus di Samaria

⁴ Mereka yang bercerai-berai pergi ke merata-rata menyampaikan firman. ⁵ Kemudian Filipus pergi ke sebuah kota di Samaria dan memberitakan Kristus kepada orang di situ.

⁶ Apabila orang ramai mendengar apa yang dikatakan Filipus dan melihat segala tanda keajaiban yang dilakukannya, mereka semua memperhatikan dengan sepenuh hati apa yang dikatakannya. ⁷ Roh-roh jahat melolong sambil keluar daripada ramai orang yang kerasukan, manakala sebilangan besar yang lumpuh dan tempang telah disembuhkan. ⁸ Seluruh kota itu amat bersukacita.

Simon ahli sihir

⁹ Akan tetapi, ada seorang lelaki bernama Simon, yang dahulunya mengamalkan sihir di situ dan mengagumkan orang Samaria serta mengaku

dirinya seorang yang hebat. ¹⁰ Mereka semua, daripada yang paling rendah tarafnya hinggalah kepada yang tertinggi, mendengar katanya. Mereka berkata, “Orang ini dikenal sebagai Kuasa Besar Allah.” ¹¹ Mereka mendengar katanya kerana dia telah lama mengagumkan mereka dengan sihirnya. ¹² Namun apabila mereka mempercayai Filipus ketika dia mengkhabarkan berita baik tentang kerajaan Allah dan nama Yesus Kristus, mereka pun dibaptiskan, baik lelaki mahupun perempuan. ¹³ Kemudian Simon sendiri percaya; dan setelah dibaptiskan dia terus menyertai Filipus dan amat kagum melihat mukjizat-mukjizat serta tanda yang dilakukan.

¹⁴ Apabila para rasul di Yerusalem mendengar bahawa orang Samaria telah menerima firman Allah, mereka mengutus Petrus dan Yohanes ke sana. ¹⁵ Setelah sampai di situ, kedua-duanya berdoa semoga mereka menerima Roh Kudus, ¹⁶ kerana mereka belum lagi dipenuhi oleh-Nya. Mereka baru dibaptiskan sahaja dengan nama Tuhan Yesus. ¹⁷ Kemudian Petrus dan Yohanes meletakkan tangan atas mereka lalu mereka menerima Roh Kudus.

¹⁸ Setelah Simon melihat betapa Roh Kudus diberikan ketika para rasul meletakkan tangan, dia menawarkan wang kepada mereka ¹⁹ sambil berkata, “Berilah aku kuasa itu juga, supaya

sesiapa yang kuletakkan tangan atasnya akan menerima Roh Kudus.”

²⁰ Tetapi Petrus berkata kepadanya, “Punahlah wangmu bersamamu, kerana kamu menyangka kurnia Allah dapat dibeli dengan wang! ²¹ Kamu tidak ada bahagian dalam pekerjaan kami, kerana hatimu tidak ikhlas di mata Allah. ²² Oleh itu, bertaubatlah daripada kejahatanmu itu, dan berdoalah kepada Tuhan semoga kamu dapat diampuni kerana niat dalam hatimu itu; ²³ kerana kulihat kamu diracuni perasaan kepahitan dan dibelenggu dosa.”

²⁴ Simon menjawab, “Berdoalah kepada Tuhan untukku, supaya apa yang kamu sebutkan tadi tidak menimpaku.”

²⁵ Setelah mereka memberikan kesaksian dan menyampaikan firman Tuhan, mereka pun pulang ke Yerusalem, sambil menyebarkan Injil^f tentang Yesus di banyak kampung orang Samaria.

Filipus dan sida-sida dari negeri Ethiopia

²⁶ Malaikat Tuhan berkata kepada Filipus, “Bangkit dan pergilah ke arah selatan di jalan antara Yerusalem dengan Gaza. Sekarang tempat itu lengang.” ²⁷ Dia pun bangkit lalu pergi. Ada seorang Ethiopia, seorang sida-sida, yang

^f8:25 Atau: Perkhabaran baik.

besar pangkatnya di bawah perintah Kandake, ratu negeri Ethiopia, dan ditugaskan menjaga seluruh perbendaharaannya. Dia telah pergi ke Yerusalem untuk beribadat. ²⁸ Ketika dia sedang dalam perjalanan pulang dan sambil duduk di dalam rata kudanya, dia membaca kitab Nabi Yesaya. ²⁹ Roh Kudus berkata kepada Filipus, “Pergi dekati rata itu.” ³⁰ Filipus pun berlari mendapatkannya lalu mendengarnya membaca kitab Nabi Yesaya. Filipus berkata, “Fahamkah apa yang kamu baca itu?”

³¹ Jawabnya, “Bagaimana aku dapat memahaminya, kecuali ada orang yang membimbingku?” Dia pun mengajak Filipus naik duduk di sisinya. ³² Bahagian Kitab Suci yang dibacanya ialah:

“Seperti domba yang dibawa untuk disembelih, seperti anak domba yang senyap di hadapan orang yang menggunting bulunya, maka Dia tidak membuka mulut-Nya.

³³ Dia dihina dan keadilan direntap daripada-Nya,

maka siapa akan mengisahkan keturunan-Nya? Nyawa-Nya direnggut dari muka bumi.”

³⁴ Sida-sida itu berkata kepada Filipus, “Aku bertanya kepadamu, tentang siapakah nabi itu

bercakap, tentang dirinya atau seseorang lain?”

³⁵ Filipus pun membuka mulutnya: bermula dari bahagian Kitab Suci itu, dia menyampaikan berita baik tentang Yesus kepada sida-sida itu.

³⁶ Sedang mereka meneruskan perjalanan, mereka sampai di suatu tempat yang berair. Sida-sida itu berkata, “Lihat, di sini ada air. Apa yang menghalang aku daripada dibaptiskan?”

³⁷ Filipus berkata, “Jika kamu percaya sepenuh hati, kamu boleh dibaptiskan.” Sida-sida itu menjawab, “Aku percaya bahawa Yesus Kristus itu Anak Allah.”

³⁸ Lalu dia mengarahkan rata itu dihentikan. Dia bersama Filipus turun ke dalam air, lalu Filipus membaptisnya. ³⁹ Setelah mereka keluar dari air, Roh Tuhan mengambil Filipus dari situ. Sida-sida itu tidak melihatnya lagi, lalu meneruskan perjalanan dengan sukacita. ⁴⁰ Filipus mendapati dirinya di Asdod. Dia meneruskan perjalanan sambil menyampaikan Injil di segala kota hingga sampai di Kaisarea.

Saul bertaubat

9 ¹ Saul, yang terus-menerus mengancam hendak membunuh murid-murid Tuhan Yesus, pergi mendapatkan imam besar ² dan meminta surat untuk ditunjukkan kepada

saumaah⁸ di Damsyik, supaya sekiranya dia menjumpai sesiapa yang mengikut Jalan Tuhan, baik lelaki mahupun perempuan, dia boleh memberkas dan membawa mereka ke Yerusalem.

³ Dalam perjalanannya, apabila dia hampir sampai di Damsyik, tiba-tiba suatu cahaya dari langit bersinar mengelilinginya. ⁴ Dia rebah ke bumi lalu mendengar suara berkata, “Saul, Saul, mengapa engkau menganiaya Aku?”

⁵ Saul bertanya, “Siapakah Engkau, Tuan?” Jawab-Nya, “Akulah Yesus yang kauaniaya.

⁶ Bangkitlah, masuklah ke kota. Di sana engkau akan diberitahu apa yang harus kaubuat.”

⁷ Orang seperjalanan Saul terpegun kerana mendengar suara itu tanpa melihat sesiapa pun.

⁸ Saul bangkit sambil membuka mata tetapi tidak dapat melihat suatu apa. Oleh yang demikian, mereka memegang tangannya dan memimpinnya masuk ke Damsyik. ⁹ Selama tiga hari dia tidak dapat melihat dan tidak makan atau minum.

¹⁰ Ada seorang murid Yesus yang bernama Ananias tinggal di Damsyik. Dalam suatu penglihatan dia mendengar Tuhan berkata, “Ananias!”

“Ya, Tuhan,” sahut Ananias.

⁸9:2 Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

¹¹ Tuhan berkata kepadanya, “Bersiaplah dan pergilah ke rumah Yudas di Jalan Lurus. Tanyakanlah seorang yang bernama Saul dari kota Tarsus. Dia sedang berdoa, ¹² dan melihat seorang bernama Ananias meletakkan tangan di atasnya supaya dia dapat melihat semula.”

¹³ Ananias menjawab, “Ya Tuhan, aku telah mendengar ramai orang mengatakan hal orang itu. Dia telah banyak menganiaya umat-Mu yang salih di Yerusalem. ¹⁴ Sekarang dia datang ke Damsyik membawa kuasa daripada ketua-ketua imam untuk menangkap semua orang yang menyebut nama-Mu.”

¹⁵ Namun demikian, Tuhan berkata, “Pergilah, kerana Aku telah memilihnya sebagai alat pilihan-Ku untuk mengkhabarkan nama-Ku kepada bangsa-bangsa asing, raja-raja, dan umat Israel. ¹⁶ Aku akan menunjukkan kepadanya segala kesengsaraan yang akan ditanggungnya kerana nama-Ku.”

¹⁷ Dengan demikian Ananias pun pergi lalu masuk ke rumah itu dan meletakkan tangannya ke atas Saul sambil berkata, “Saudaraku Saul, Tuhan Yesus yang telah menampakkan diri-Nya kepadamu dalam perjalanan ke sini telah mengutusku supaya engkau dapat melihat semula dan dipenuhi Roh Kudus.” ¹⁸ Serta-merta sesuatu seperti sisik gugur daripada mata Saul

dan dia dapat melihat semula. Dia pun bangun lalu dibaptiskan. ¹⁹ Kemudian dia makan dan kekuatannya pun pulih.

Saul di Damsyik dan Yerusalem

Saul tinggal beberapa hari di Damsyik bersama para murid Yesus. ²⁰ Dia terus mengkhabarkan di saumaah tentang Yesus, bahawa Dia Anak Allah.

²¹ Semua yang mendengarnya tercengang lalu berkata, “Bukankah dia ini yang menganiaya semua yang menyebut nama itu di Yerusalem? Bukankah dia datang ke mari untuk menangkap semua orang yang demikian di sini dan menyeret mereka ke hadapan ketua-ketua imam?”

²² Makin sehari makin bertambah kuasa yang diberikan Allah kepada Saul. Semua orang Yahudi di Damsyik tercengang apabila dia menyatakan bahawa Yesus itu Kristus.

²³ Selepas beberapa hari, orang Yahudi berpakat hendak membunuh Saul. ²⁴ Akan tetapi, Saul mendapat tahu tentang pakatan itu. Orang yang hendak membunuhnya itu menunggu di pintu gerbang siang malam; ²⁵ tetapi murid-murid Saul mengambilnya pada waktu malam dan menurunkannya melalui tingkap ke kaki tembok di dalam sebuah keranjang.

²⁶ Apabila Saul sampai di Yerusalem, dia cuba menghubungi para murid Yesus tetapi mereka takut dan tidak percaya bahawa dia benar-benar murid Yesus. ²⁷ Barnabas membawa Saul ke hadapan para rasul dan menceritakan bagaimana dia telah melihat Tuhan ketika dalam perjalanan, kata-kata Tuhan kepadanya dan keberanian Saul menyebarkan nama Yesus di Damsyik. ²⁸ Selepas itu, Saul keluar masuk di Yerusalem bersama para rasul serta mengajar nama Tuhan dengan berani. ²⁹ Dia bercakap dan berhujah dengan orang Yahudi peranakan Yunani; mereka pun hendak membunuhnya. ³⁰ Apabila para murid Yesus yang lain mengetahui hal itu, mereka membawa Saul ke Kaisarea dan menghantarnya ke Tarsus.

³¹ Dengan demikian sejahteralah jemaah di seluruh Yudea, Galilea dan Samaria. Jemaah itu diberi kekuatan dan hidup dengan takut kepada Tuhan. Dengan pertolongan Roh Kudus bilangan mereka semakin besar.

Petrus di Lida dan Yope

³² Ketika Petrus melawat daerah-daerah, dia mengunjungi orang salih yang tinggal di Lida. ³³ Di situ dia menemui seorang bernama Eneas yang sudah lapan tahun lumpuh terlantar di tempat tidur. ³⁴ Petrus berkata kepadanya, “Eneas, Yesus Kristus menyembuhkanmu. Bangunlah,

kemaskan tempat tidurmu.” Pada saat itu juga Eneas bangun. ³⁵ Semua penduduk Lida dan Saron melihatnya lalu beriman kepada Tuhan.

³⁶ Di Yope ada seorang murid perempuan bernama Tabita (dalam bahasa Yunani disebut Dorkas); dia sentiasa membuat kebajikan dan memberi sedekah. ³⁷ Pada masa itu dia jatuh sakit lalu meninggal dunia. Setelah dimandikan, jenazahnya dibaringkan di dalam bilik di tingkat atas. ³⁸ Lida berdekatan dengan Yope. Apabila para murid Yesus mendapat tahu bahawa Petrus ada di Lida, mereka menghantar dua orang berjumpa dengannya dan memintanya datang secepat mungkin. ³⁹ Petrus segera pergi bersama mereka. Setibanya di situ, dia dibawa naik ke bilik di tingkat atas itu. Semua balu di situ berdiri di sisinya sambil menangis dan menunjukkan pelbagai pakaian yang telah dijahit oleh Dorkas untuk mereka sewaktu hidupnya. ⁴⁰ Petrus menyuruh semuanya keluar; kemudian dia bertelut dan berdoa. Selepas itu, dia berpaling kepada jenazah itu lalu berkata, “Hai Tabita, bangunlah.” Tabita membuka matanya dan apabila dia melihat Petrus, dia pun duduk. ⁴¹ Petrus memegang tangannya dan membantunya berdiri. Seterusnya Petrus memanggil semua murid Yesus, termasuk balu-balu itu dan menunjukkan kepada mereka

perempuan yang sudah hidup itu. ⁴² Berita itu tersebar di seluruh Yope dan ramai orang beriman kepada Tuhan. ⁴³ Petrus tinggal beberapa hari di Yope di rumah Simon, seorang penyamak kulit.

Petrus dan Kornelius

10 ¹ Di Kaisarea ada seorang bernama Kornelius, ketua tentera yang disebut pasukan Itali. ² Dia seorang yang bertakwa dan takut akan Allah, begitu juga seisi rumahnya. Dia banyak bersedekah kepada orang yang miskin dan sentiasa berdoa kepada Allah. ³ Pada suatu hari kira-kira jam kesembilan,^h dalam suatu penglihatan dia melihat dengan nyata malaikat Allah mendapatkannya dan berkata kepadanya, “Hai Kornelius!”

⁴ Dia merenung dengan ketakutan sambil bertanya,

“Ya Tuan, ada apa Tuan?” Malaikat itu berkata, “Segala doa dan sedekahmu telah diredai Allah.

⁵ Suruhlah orang pergi ke Yope memanggil seorang bernama Simon bergelar Petrus. ⁶ Dia menumpang di rumah Simon penyamak kulit, di tepi laut.”

^h**10:3** Pukul tiga petang.

⁷ Setelah malaikat itu pergi, Kornelius memanggil dua orang hambanya dan seorang askar yang takut akan Allah daripada kalangan orang yang bertugas melayaninya. ⁸ Dia menceritakan segala yang berlaku itu kepada mereka dan menyuruh mereka pergi ke Yope.

Penglihatan Petrus

⁹ Esoknya, ketika mereka dalam perjalanan dan hampir sampai ke Yope, Petrus naik ke atas bumbung rumah untuk berdoa, kira-kira jam keenam.ⁱ ¹⁰ Kemudian dia berasa lapar dan hendak makan, tetapi sementara makanan sedang disediakan, dia diliputi kuasa ilahi. ¹¹ Dia melihat langit terbuka dan sesuatu seperti kain yang amat lebar, terikat keempat-empat penjurunya, diturunkan ke arahnya lalu ke bumi. ¹² Di dalamnya ada segala jenis binatang, yang berkaki empat dan yang melata, juga burung-burung di langit. ¹³ Dia terdengar suara berkata, “Hai Petrus, bangunlah, sembelih dan makanlah.”

¹⁴ Petrus berkata, “Ya Tuhan, jangan demikian, aku belum pernah makan barang yang haram atau najis.”

ⁱ10:9 Pukul dua belas tengah hari.

¹⁵ Suara itu berkata pula kepadanya, “Barang yang diharamkan oleh Allah, jangan kauharamkan.”

¹⁶ Ini berulang tiga kali, kemudian kain itu terangkat naik ke langit.

¹⁷ Sedang Petrus bertanya-tanya apa agaknya erti penglihatan itu, orang yang disuruh oleh Kornelius itu telah bertanyakan rumah Simon. Mereka berdiri di muka pintu. ¹⁸ Lalu mereka berseru bertanya sama ada Simon bergelar Petrus ada menumpang di situ.

¹⁹ Petrus masih lagi memikirkan penglihatannya itu. Roh Kudus berkata kepadanya, “Ada tiga orang mencarimu. ²⁰ Bangunlah, turun dan pergi bersama mereka tanpa ragu-ragu, kerana Aku yang menyuruh mereka datang.” ²¹ Petrus pun turun mendapatkan orang itu lalu berkata, “Aku inilah orang yang kamu cari itu; apa hajatmu datang ke mari?”

²² Mereka berkata, “Kornelius, seorang ketua tentera yang benar dan takut akan Allah serta disegani oleh seluruh bangsa Yahudi, telah menerima pesan Allah melalui malaikat yang suci bahawa dia hendaklah menjemput tuan datang ke rumahnya untuk mendengar apa yang akan tuan katakan.” ²³ Petrus mengajak ketiga-tiga orang itu masuk dan menumpang bermalam di rumah itu.

Petrus di rumah Kornelius

Esoknya dia bangun lalu pergi bersama mereka; beberapa orang saudara seiman di Yope turut serta. ²⁴ Keesokan harinya mereka sampai di Kaisarea. Kornelius sedang menantikan kedatangan mereka, bersama semua kaum keluarga dan sahabat handai yang diajaknya berhimpun di situ. ²⁵ Apabila Petrus masuk, Kornelius mendapatkannya lalu sujud menyembah di kakinya; ²⁶ tetapi Petrus menariknya bangkit berdiri sambil berkata, “Bangkitlah; aku ini pun seorang manusia juga.” ²⁷ Sambil bercakap dengan Kornelius, Petrus masuk ke dalam rumah itu dan melihat betapa ramainya orang yang berhimpun di situ. ²⁸ Petrus berkata kepada mereka, “Saudara-saudara sedia maklum bahawa orang Yahudi dilarang berhubung dengan orang bangsa lain atau mengunjungi mereka; tetapi Allah telah menyatakan kepadaku supaya jangan memandang sesiapa pun sebagai haram atau najis. ²⁹ Oleh itu, apabila aku dipanggil, aku terus datang tanpa teragak-agak. Sekarang aku bertanya kepadamu, apakah sebabnya aku dipanggil datang ke sini?”

³⁰ Kornelius berkata, “Empat hari lalu, kira-kira jam kesembilan, aku sedang berdoa di

rumah; tiba-tiba seorang berdiri di hadapanku, pakaiannya bersinar-sinar. ³¹ Dia berkata, 'Hai Kornelius! Segala doa dan sedekahmu telah diredai Allah. ³² Suruhlah orang pergi ke Yope memanggil seorang bernama Simon bergelar Petrus. Dia menumpang di rumah Simon penyamak kulit, di tepi laut.' ³³ Aku terus menyuruh orang mendapatkanmu; kamu sungguh baik hati datang ke mari. Sekarang kami semua hadir di sini di hadirat Allah untuk mendengar segala perkara yang diperintahkan Tuhan kepadamu untuk disampaikan kepada kami."

³⁴ Petrus pun berkata, "Sesungguhnya, aku mengerti sekarang bahawa Allah tidak memilih kasih. ³⁵ Sesiapa yang takut akan Allah dan mengerjakan yang benar, tidak kira apa bangsanya, dialah yang diredai-Nya. ³⁶ Firman yang disampaikan Allah kepada bangsa Israel ialah firman yang mengkhabarkan kesejahteraan melalui Yesus Kristus, Tuhan semua manusia. ³⁷ Saudara-saudara tahu akan apa yang berlaku di seluruh Yudea mulai dari Galilea, selepas baptisan yang dikhabarkan oleh Yohanes. ³⁸ Perkhabaran itu tentang Yesus orang Nazaret, betapa Allah telah memilih-Nya sebagai Kristus

dan memberi-Nya Roh Kudus serta kuasa. Dia telah pergi ke merata-rata membuat kebajikan dan menyembuhkan orang yang diseksa oleh Iblis, kerana Allah menyertai Yesus. ³⁹ Kami ini menjadi saksi akan segala yang dilakukan-Nya di tanah orang Yahudi malah juga di Yerusalem. Dia telah dibunuh dengan disalib; ⁴⁰ tetapi Allah membangkitkan-Nya pada hari yang ketiga serta memperlihatkan Dia; ⁴¹ bukan kepada semua orang tetapi kepada kami yang telah dipilih oleh Allah sebagai saksi, kami yang semakan seminum dengan-Nya setelah Dia bangkit daripada kalangan orang mati. ⁴² Dia memerintah kami mengkhabarkan kepada semua orang dan memberikan kesaksian bahawa Dialah yang dijadikan Allah hakim ke atas orang hidup dan orang mati. ⁴³ Semua nabi bersaksi tentang-Nya bahawa setiap orang yang percaya kepada Yesus akan diampuni dosanya dengan nama-Nya.”

⁴⁴ Ketika Petrus sedang bercakap, Roh Kudus turun dan memenuhi semua yang mendengar perkhabaran itu. ⁴⁵ Orang yang percaya kepada Yesus daripada golongan bersunat datang bersama Petrus berasa hairan melihat Allah mencurahkan Roh Kudus kepada bangsa-bangsa asing juga. ⁴⁶ Mereka mendengar orang itu bertutur dalam aneka bahasa dan memuji Allah. Kemudian Petrus berkata, ⁴⁷ “Lihatlah, mereka

telah menerima Roh Kudus seperti kita. Dapatkah sesiapa menghalang mereka dibaptiskan dengan air?”⁴⁸ Petrus pun menyuruh mereka dibaptiskan dengan nama Yesus Kristus. Selepas itu, mereka meminta Petrus tinggal dengan mereka beberapa hari.

Petrus menjelaskan tindakannya

11¹ Para rasul dan saudara-saudara di seluruh Yudea mendengar khabar bahawa bangsa-bangsa asing juga telah menerima firman Allah.² Apabila Petrus pergi ke Yerusalem, orang Yahudi yang percaya kepada Yesus dan masih berpegang kepada upacara sunat, membantah perbuatannya.³ Mereka berkata, “Kamu telah menumpang di rumah orang bangsa asing yang tidak bersunat; malah kamu telah makan bersama mereka!”⁴ Oleh yang demikian, Petrus menerangkan segala yang telah berlaku, satu persatu:

⁵ “Ketika aku sedang berdoa di Yope, aku telah melihat satu penglihatan. Aku melihat sesuatu seperti kain yang amat lebar, terikat keempat-empat penjurunya, diturunkan dari langit lalu terletak dekat denganku.⁶ Aku memerhatikannya lalu melihat binatang yang berkaki empat, yang liar dan yang melata, juga burung-burung di langit.⁷ Aku mendengar suara

berkata, 'Hai Petrus, bangunlah, sembelih dan makanlah.' ⁸ Aku berkata, 'Ya Tuhan, jangan demikian, aku belum pernah makan barang yang haram atau najis.' ⁹ Suara dari syurga berkata pula kepadaku, 'Barang yang dihalalkan oleh Allah, jangan kauharamkan.' ¹⁰ Ini berulang tiga kali, kemudian semuanya terangkat naik semula ke langit. ¹¹ Pada ketika itu tiga orang yang diutus dari Kaisarea kepadaku berdiri di hadapan rumah yang kami tumpang. ¹² Roh Kudus menyuruh aku pergi bersama mereka tanpa ragu-ragu. Enam orang saudara seiman menyertaku ke Kaisarea lalu kami masuk ke rumah orang itu. ¹³ Kemudian orang itu bercerita kepada kami bahawa dia telah melihat malaikat berdiri di hadapannya di rumahnya dan berkata kepadanya, 'Suruhlah orang pergi ke Yope memanggil seorang bernama Simon bergelar Petrus. ¹⁴ Dia akan menyampaikan perkhabaran yang menyelamatkan kamu sekeluarga.' ¹⁵ Apabila aku mula bercakap, Roh Kudus memenuhi mereka, seperti yang terjadi kepada kita dahulu. ¹⁶ Ketika itu aku teringat kata-kata Tuhan: 'Yohanes membaptis dengan air, tetapi kamu akan dibaptiskan dengan Roh Kudus.' ¹⁷ Jelaslah bahawa Allah telah memberi

orang asing itu kurnia yang sama seperti yang kita terima ketika kita beriman kepada Tuhan Yesus Kristus. Siapakah aku untuk cuba menghalang kuasa Allah?”

¹⁸ Setelah mendengar penjelasan Petrus, mereka tidak membantah perbuatannya lagi, lantas mereka memuji Allah dan berkata, “Kalau begitu, Allah memberikan peluang kepada bangsa-bangsa asing juga untuk bertaubat dan mendapat hidup.”

Jemaah di Antiokhia

¹⁹ Setelah Stefanus dibunuh, orang yang bercerai-berai kerana dianiaya sampai ke Fenisia, Siprus dan Antiokhia. Mereka menyampaikan firman hanya kepada orang Yahudi; ²⁰ tetapi sesetengah daripada mereka dari Siprus dan Kirene datang ke Antiokhia lalu mengkhabarkan berita baik tentang Tuhan Yesus kepada orang Yunani. ²¹ Melalui kuasa Tuhan yang menyertai mereka, ramai orang percaya dan berpaling kepada-Nya.

²² Jemaah di Yerusalem mendengar hal itu lalu menyuruh Barnabas pergi ke Antiokhia.

²³ Setelah dia sampai dan melihat kasih kurnia Allah itu, dia amat sukacita dan menggalakkan

mereka semua supaya meneguhkan azam untuk tetap setia kepada Tuhan dengan sepenuh hati.

²⁴ Barnabas orang baik, penuh dengan Roh Kudus dan iman. Semakin bertambahlah bilangan orang yang percaya akan Tuhan.

²⁵ Kemudian Barnabas pergi ke Tarsus mencari Saul; ²⁶ setelah menemuinya, dibawanya ke Antiokhia. Selama setahun kedua-duanya berserta dengan jemaah dan mengajar ramai orang. Di Antiokhialah para murid mula-mula disebut orang Kristian.

²⁷ Pada masa itu beberapa orang nabi turun dari Yerusalem ke Antiokhia. ²⁸ Seorang yang bernama Agabus bernubuat dengan ilham Roh Kudus bahawa bencana kebuluran akan melanda seluruh dunia; ini sesungguhnya terjadi pada zaman Klaudius. ²⁹ Para murid Yesus membuat keputusan hendak menghantar bantuan, menurut kemampuan masing-masing, kepada saudara-saudara di Yudea. ³⁰ Mereka mengirimkannya kepada tua-tua melalui Barnabas dan Saul.

Petrus dipenjarakan

12 ¹ Pada masa itu Raja Herodes pula turut menganiaya beberapa orang daripada

jemaah. ² Yakobus saudara Yohanes dibunuhnya dengan pedang. ³ Apabila dilihatnya orang Yahudi sukacita dengan tindakannya, dia menangkap Petrus pula, pada Perayaan Roti Tidak Beragi. ⁴ Dia memasukkan Petrus ke dalam penjara dan menyerahkannya kepada enam belas orang askar yang bertugas menjaganya bergilir-gilir, empat orang segiliran. Niatnya hendak membawa Petrus ke hadapan orang Yahudi selepas Perayaan Paskah. ⁵ Sementara itu Petrus dikawal rapi di dalam penjara; tetapi jemaah berdoa dengan sungguh-sungguh kepada Allah untuknya.

⁶ Pada malam sebelum hari perbicaraan yang ditetapkan oleh Herodes itu, Petrus tidur di antara dua orang askar, terikat dengan dua rantai; di samping itu para pengawal berjaga di hadapan pintu penjara itu. ⁷ Tiba-tiba malaikat Tuhan terdiri di situ dan cahaya menyinari bilik itu. Malaikat itu menepuk Petrus dan membangunkannya lalu berkata, "Cepat bangun." Dalam sekelip mata gugurlah rantai daripada tangan Petrus. ⁸ Malaikat itu berkata lagi, "Ikatlah tali pinggang dan pakailah kasutmu." Setelah Petrus berbuat demikian, malaikat itu berkata lagi, "Pakailah jubahmu dan ikutlah aku." ⁹ Petrus mengikut malaikat itu

keluar dari penjara tanpa mengetahui sama ada segalanya itu benar-benar terjadi atau hanya suatu penglihatan. ¹⁰ Mereka melalui tempat pengawal berjaga yang pertama dan yang kedua. Akhirnya mereka sampai di pintu besi yang menghalu ke kota lalu pintu itu terbuka dengan sendirinya dan mereka pun keluar. Ketika mereka berjalan di suatu lorong, malaikat itu pun tiba-tiba meninggalkan Petrus.

¹¹ Pada saat itu barulah Petrus sedar apa yang telah terjadi. Dia berkata, “Sekarang tahulah aku bahawa segalanya benar-benar berlaku. Tuhan telah mengutus malaikat-Nya untuk menyelamatkan aku daripada Raja Herodes dan segala yang hendak dilakukan oleh orang Yahudi kepadaku.”

¹² Setelah itu, Petrus pergi ke rumah Maria, ibu kepada Yohanes yang bergelar Markus. Di situ ramai orang berhimpun dan sedang berdoa. ¹³ Apabila Petrus mengetuk pintu, seorang hamba perempuan bernama Rode datang ke pintu. ¹⁴ Dia mengenali suara Petrus. Akan tetapi, dia begitu sukacita hinggakan terus masuk semula tanpa membukakan pintu. Dia memberitahu bahawa Petrus ada di luar.

¹⁵ “Kamu gila!” seru mereka, namun Rode beria-ia mengatakan orang yang di luar itu Petrus. Mereka berkata, “Tentu itu malaikatnya!”

¹⁶ Petrus mengetuk pintu lagi berulang-ulang. Akhirnya mereka membukakan pintu dan tercengang apabila melihat Petrus.

¹⁷ Petrus memberikan isyarat meminta mereka bertenang lalu mengisahkan betapa Tuhan telah mengeluarkannya dari penjara. Selepas itu Petrus berkata, “Khabarkanlah hal ini kepada Yakobus dan saudara-saudara lain.” Kemudian dia pun pergi ke tempat lain.

¹⁸ Setelah hari siang, askar-askar yang berkawal itu gempar, tertanya-tanya apakah yang telah terjadi kepada Petrus. ¹⁹ Raja Herodes menyuruh orang mencari Petrus tetapi tidak berjaya. Lantas Raja Herodes mengeluarkan perintah supaya askar-askar yang berkawal itu disoal siasat dan kemudiannya dihukum bunuh.

Kematian Raja Herodes

Selepas itu, Raja Herodes berpindah dari Yudea ke Kaisarea lalu tinggal di sana. ²⁰ Raja Herodes amat murka terhadap orang Tirus dan Sidon. Oleh yang demikian, mereka datang bersama-sama untuk menghadap Raja Herodes. Pertama sekali mereka mendapatkan sokongan Blastus, ketua istana Raja Herodes. Selepas itu, mereka menghadap Raja Herodes dan meminta berdamai, kerana bekalan makanan negeri mereka bergantung kepada negeri Raja Herodes.

²¹ Pada hari yang telah ditetapkan, Raja Herodes mengenakan pakaian kebesaran diraja, duduk di atas singgahsana lalu berkata kepada rakyat. ²² Mereka berseru, “Itu suara seorang tuhan, bukan manusia.” ²³ Pada saat itu malaikat Tuhan memukul Raja Herodes kerana tidak menghormati Allah. Raja Herodes pun mati dimakan ulat.

²⁴ Firman Allah semakin luas tersebar dan kian ramai orang percaya kepada Yesus.

²⁵ Setelah Barnabas dan Saul menjalankan tugas mereka pulang dari Yerusalem dan membawa Yohanes yang bergelar Markus itu bersama mereka.

Paulus dan Barnabas dihantar kepada bangsa asing

13 ¹ Di antara jemaah di Antiokhia ada beberapa orang nabi dan guru: Barnabas, Simeon yang bergelar Niger, Lukius dari Kirene, Menahem, yang dibesarkan bersama Raja Herodes, dan Saul. ² Sedang mereka beribadat kepada Tuhan dan berpuasa, Roh Kudus berkata kepada mereka, “Khaskan Barnabas dan Saul untuk-Ku, bagi melaksanakan tugas yang telah Kutetapkan untuk mereka.”

³ Setelah berpuasa dan berdoa, mereka meletakkan tangan ke atas Barnabas dan Saul lalu melepaskan mereka pergi.

Di Siprus

⁴ Barnabas dan Saul diutus ke Seleukia oleh Roh Kudus. Dari situ mereka belayar ke Pulau Siprus. ⁵ Apabila sampai di Salamis, mereka menyampaikan firman Allah di saumaah orang Yahudi, dibantu oleh Yohanes.

⁶ Mereka pergi ke serata pulau itu hingga sampai di Pafos. Di situ mereka bertemu dengan seorang ahli sihir bernama Bar-Yusha, seorang nabi palsu Yahudi. ⁷ Dia berkawan baik dengan Sergius Paulus, pemerintah pulau itu, seorang yang bijaksana. Sergius Paulus memanggil Barnabas dan Saul kerana ingin mendengar firman Allah. ⁸ Akan tetapi, Elimas ahli sihir itu (ini namanya dalam bahasa Yunani) cuba menghalang pemerintah itu daripada percaya kepada Yesus. ⁹ Saul, yang juga disebut Paulus, dipenuhi oleh Roh Kudus lalu merenung ahli sihir itu dan ¹⁰ berkata, "Hai kamu anak Iblis, seteru segala yang benar, kamu yang penuh dengan tipu daya! Tiadakah kamu mahu berhenti memesongkan jalan Tuhan yang betul? ¹¹ Tuhan akan menghukum kamu pada saat ini juga. Kamu

akan buta, tidak dapat melihat cahaya matahari buat beberapa waktu.”

Dalam sekelip mata Elimas merasa kabus gelap menyelaputi matanya. Dia pun berjalan terabura-bura mencari orang yang dapat memimpinnya.¹² Apabila pemerintah itu melihat apa yang terjadi, dia pun mempercayai Yesus dan amat kagum akan pengajaran Tuhan.

Di Pisidia

¹³ Paulus dan rakan-rakannya belayar dari Pafos ke kota Perga di Tanah Pamfilia. Dari situ Yohanes meninggalkan mereka lalu pulang ke Yerusalem.

¹⁴ Yang lain meneruskan perjalanan dari Perga ke kota Antiokhia di Pisidia. Pada hari Sabat mereka masuk ke saumaah lalu duduk di situ.

¹⁵ Selepas pembacaan Taurat Musa dan Kitab Nabi-nabi, ketua-ketua saumaah^j itu menghantar orang berkata kepada kedua-dua rasul itu, “Saudara-saudara, sekiranya ada sesuatu nasihat untuk menggalakkan orang di sini, silalah sampaikan.”

¹⁶ Paulus bangkit, memberikan isyarat lalu berkata,

^j**13:15** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

“Saudara-saudara orang Israel dan sekalian yang takut kepada Allah, dengarlah! ¹⁷ Allah umat Israel, telah memilih nenek moyang kita untuk dijadikan bangsa besar, ketika mereka tinggal menumpang di Mesir. Allah membawa mereka keluar dari Mesir dengan kuasa-Nya. ¹⁸ Selama empat puluh tahun di gurun, Dia bersabar dengan kelakuan mereka. ¹⁹ Dia membinasakan tujuh bangsa di Tanah Kanaan dan menjadikan kawasan itu kepunyaan umat-Nya. ²⁰ Segala ini berlaku selama 450 tahun.

Selepas itu, Allah mengurniai mereka hakim-hakim sampai ke zaman Nabi Samuel. ²¹ Kemudian mereka memohonkan seorang raja lalu Allah memberi mereka Saul anak Kish daripada suku Benyamin sebagai raja mereka selama empat puluh tahun. ²² Setelah Allah memecatnya daripada takhtanya, Allah memberi mereka Daud pula sebagai raja. Allah berfirman tentang Daud, ‘Aku mendapati Daud, anak Isai, seorang yang menyenangkan hati-Ku; dia akan melakukan segala yang Kuingini.’ ²³ Daripada

13:17 a: Kel 1:7; **b:** Kel 12:51.

13:18: Bil 14:34; Ul 1:31. **13:19 a:** Ul 7:1; **b:** Yos 14:1.

13:20 a: Hak 2:16; **b:** 1Sam 3:20.

13:21 a: 1Sam 8:5; **b:** 1Sam 10:21.

13:22 a: 1Sam 13:14; **b:** 1Sam 16:12; Mzm 89:20.

keturunan Daud inilah Allah membangkitkan Yesus, seorang Penyelamat bagi umat Israel sebagaimana telah dijanjikan-Nya. ²⁴ Sebelum Yesus memulakan tugas-Nya, Yohanes menyeru supaya semua orang Israel bertaubat daripada dosa dan dibaptiskan. ²⁵ Ketika tugas Yohanes hampir selesai, dia berkata kepada orang ramai, 'Siapakah aku ini pada sangkaanmu? Aku bukanlah Dia yang kamu nanti-nantikan itu. Dia akan datang kemudian, dan aku ini tidak layak membuka kasut-Nya pun.'

²⁶ Hai saudara-saudara keturunan Abraham, dan semua yang takut akan Allah! Kepada kitalah Allah telah menyampaikan berita penyelamatan itu. ²⁷ Penduduk Yerusalem dan ketua-ketua mereka tidak sedar bahawa Penyelamat itu ialah Yesus. Mereka tidak memahami ajaran nabi-nabi yang dibacakan setiap hari Sabat, maka mereka menghukum Yesus. Dengan tindakan mereka itu, segala yang telah dinubuatkan oleh nabi-nabi menjadi kenyataan. ²⁸ Walaupun mereka tidak ada apa-apa asas untuk menjatuhkan hukuman bunuh kepada Yesus, mereka mendesak Pilatus menjatuhkan hukuman itu ke

13:24: Mrk 1:4; Luk 3:3. **13:25 a:** Yoh 1:20; **b:** Mat 3:11; Mrk 1:7; Luk 3:16; Yoh 1:27. **13:28:** Mat 27:22,23; Mrk 15:13,14; Luk 23:21-23; Yoh 19:15.

atas-Nya. ²⁹ Setelah mereka melakukan segala yang tersurat dalam Kitab Suci tentang-Nya, mereka menurunkan jenazah-Nya dari salib dan meletakkannya di dalam makam. ³⁰ Akan tetapi, Allah membangkitkan-Nya daripada kematian. ³¹ Selepas itu, selama beberapa hari Dia menampakkan diri-Nya kepada mereka yang dahulu mengiringi-Nya dalam perjalanan dari Galilea ke Yerusalem. Kini mereka itu menjadi saksi bagi-Nya kepada umat Israel. ³² Dengan demikian kami datang ke sini untuk menyampaikan berita baik ini kepada kamu. ³³ Allah telah melaksanakan untuk kita apa yang dijanjikan-Nya kepada nenek moyang kita, dengan membangkitkan Yesus daripada kematian, sebagaimana tersurat dalam Mazmur bab dua:

‘Engkau Anak-Ku;
pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.’

³⁴ Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian. Dia tidak akan mati lagi. Tentang ini Allah berfirman:

‘Aku akan memberkati-Mu dengan berkat yang suci,

13:29: Mat 27:57-61; Mrk 15:42-47; Luk 23:50-56; Yoh 19:38-42. **13:31:** Kis 1:3. **13:32:** Mzm 2:7.

13:34: Yes 55:3.

sebagaimana telah Kujanjikan kepada Daud.'

³⁵ Dalam suatu ayat lagi firman-Nya:

'Engkau tidak akan membiarkan Orang Suci-Mu yang setia itu reput di dalam kubur.'

³⁶ Daud melakukan suruhan Allah ketika dia hidup. Apabila dia meninggal, dia dimakamkan di sisi nenek moyangnya dan jasadnya reput.

³⁷ Namun demikian, ini tidak terjadi kepada Dia yang dibangkitkan Allah daripada kematian.

³⁸ Oleh itu, ketahuilah saudara-saudara, melalui Yesus berita pengampunan dosa disampaikan kepada saudara sekalian. ³⁹ Setiap orang yang percaya kepada-Nya diampuni segala dosanya yang tidak dapat diampunkan melalui Taurat Musa. ⁴⁰ Berhati-hatilah, supaya apa yang telah disebutkan oleh nabi-nabi tidak menimpa saudara sekalian:

⁴¹ 'Dengarlah hai orang yang menghina Allah!

Kamu akan terkejut dan punah!

Apa yang Kulakukan kini tidak akan kamu percayai,

walaupun diterangkan kepadamu!' ”

⁴² Apabila Paulus dan Barnabas^k meninggalkan saumaah^l itu, mereka diminta untuk meneruskan penerangan tentang hal-hal tersebut pada hari Sabat berikutnya. ⁴³ Setelah bersurai perhimpunan di saumaah itu, ramai orang Yahudi mahupun orang bangsa lain yang telah memeluk agama Yahudi mengikut Paulus dan Barnabas. Kedua-dua rasul itu menasihati mereka supaya sentiasa hidup berpegang teguh pada kasih kurnia Allah.

⁴⁴ Pada hari Sabat berikutnya, hampir seluruh penduduk kota itu berhimpun mendengar firman Tuhan. ⁴⁵ Setelah dilihat oleh orang Yahudi betapa ramainya orang datang itu, timbullah hasad dengki dalam hati mereka lalu mereka membangkang kata-kata Paulus serta mencelanya. ⁴⁶ Namun demikian, Paulus dan Barnabas bercakap dengan berani. Mereka berkata, “Memang seharusnya firman Allah disampaikan kepada kamu terlebih dahulu. Akan tetapi, disebabkan kamu menolak firman-Nya dan menganggap dirimu tidak layak menerima hidup kekal, kami berpaling daripadamu dan

^k**13:42** Nama Paulus dan Barnabas disebut di sini sebagai penjelasan.

^l**13:42** Saumaah: Rumah ibadat Yahudi.

pergi kepada bangsa asing. ⁴⁷ Inilah perintah Tuhan kepada kami:

‘Aku telah menetapkan kamu menjadi cahaya kepada bangsa-bangsa supaya kamu akan membawa penyelamatan daripada-Ku sampai ke hujung bumi.’ ”

⁴⁸ Orang bangsa asing bersukacita dan memuji firman Tuhan setelah mendengar kata-kata itu. Mereka yang dipilih Allah untuk menerima hidup kekal pun percayalah kepada Yesus.

⁴⁹ Firman Tuhan tersebar di serata daerah itu.

⁵⁰ Orang Yahudi menghasut orang yang berkuasa di kota itu dan wanita-wanita terkemuka bangsa asing yang takut akan Allah. Mereka mula menganiaya Paulus dan Barnabas lalu mengusir kedua-duanya dari daerah tersebut.

⁵¹ Rasul-rasul itu pun mengebaskan debu dari kaki mereka sebagai bantahan terhadap orang di situ lalu pergi ke Ikonium. ⁵² Bagaimanapun, para murid Yesus amat bergembira dan dipenuhi Roh Kudus.

13:47: Yes 42:6; 49:6.

13:51: Mat 10:14; Mrk 6:11; Luk 9:5; 10:11.

Penganiayaan terhadap Paulus dan Barnabas

14 ¹ Di Ikonium, Paulus dan Barnabas juga masuk ke saumaah^m dan kata-kata mereka begitu berkesan sehingga ramai orang Yahudi dan orang Yunani percaya kepada Yesus. ² Akan tetapi, orang Yahudi yang tidak mahu percaya kepada Yesus menghasut orang bangsa lain sehingga mereka marah dan menentang murid Yesus. ³ Rasul-rasul itu tinggal lama di situ dan berkata-kata dengan berani tentang Tuhan. Tuhan pun menunjukkan kebenaran kata-kata mereka tentang kasih kurnia-Nya dengan memberi mereka kuasa melakukan pelbagai tanda dan mukjizat. ⁴ Penduduk bandar itu terbahagi dua: sebahagian memihak kepada orang Yahudi dan yang sebahagian lagi kepada rasul-rasul itu.

⁵ Kemudian orang Yahudi dan bangsa lain serta ketua-ketua mereka berpakat untuk menganiaya dan merejam rasul-rasul itu. ⁶ Apabila rasul-rasul itu mendapat tahu tentang hal itu, mereka lari ke Listra dan Derbe, kota-kota di Likaonia, serta daerah sekitarnya. ⁷ Di situ mereka menyampaikan Injil.

^m**14:1** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Di Listra dan Derbe

⁸ Di Listra ada seorang lelaki yang lumpuh kakinya sejak lahir dan tidak pernah berjalan.

⁹ Dia duduk mendengar kata-kata Paulus. Pada pandangan Paulus orang itu dapat disembuhkan kerana dia mempunyai iman. ¹⁰ Oleh yang demikian Paulus merenungnya sambil bersuara lantang, “Bangunlah berdiri tegak!” Lalu orang itu melompat berdiri dan mula berjalan. ¹¹ Orang ramai melihat apa yang dilakukan oleh Paulus itu lalu berseru dalam bahasa Likaonia, “Lihatlah, tuhan-tuhan telah menjelma sebagai manusia dan turun ke dunia.” ¹² Dengan demikian Barnabas dipanggil mereka “Zeus” dan Paulus disebut “Hermes” kerana dia yang terutama bercakap. ¹³ Imam Dewa Zeus, yang rumah berhalanya di luar kota, datang membawa lembu jantan dan kalungan bunga ke pintu gerbang untuk dijadikan korban persembahannya dan orang ramai kepada rasul-rasul itu.

¹⁴ Apabila Barnabas dan Paulus mendengar apa yang hendak dilakukan oleh orang di situ, mereka mengoyak-ngoyakkan pakaian dan berlari ke tengah-tengah orang ramai sambil berseru, ¹⁵ “Mengapa kamu berbuat

begini? Kami manusia biasa seperti kamu sekalian! Kami datang membawa berita baik supaya kamu berhenti daripada pemujaan yang sia-sia ini dan datang kepada Allah yang hidup, yang menjadikan langit, bumi dan laut serta segala yang di dalamnya. ¹⁶ Pada zaman silam, Allah membiarkan manusia mengikut jalan masing-masing. ¹⁷ Namun demikian, Allah sentiasa memberikan kesaksian tentang diri-Nya dengan kebaikan yang dilakukan-Nya. Dia mengurniaimu hujan dari langit dan hasil dari bumi menurut musimnya. Dia memuaskan hatimu dengan makanan dan kegembiraan.” ¹⁸ Sungguhpun rasul-rasul itu berkata begitu, sukar juga mereka menghalang orang ramai mempersembahkan korban kepada mereka.

¹⁹ Setelah itu, beberapa orang Yahudi dari Antiokhia dan Ikonium mempengaruhi orang ramai sehingga berpihak kepada mereka. Mereka merejam Paulus, kemudian menyeretnya ke luar kota, dengan sangkaan dia sudah mati. ²⁰ Akan tetapi, apabila murid Yesus mengelilinginya, dia bangun lalu masuk semula ke dalam kota. Esoknya dia keluar pergi ke Derbe bersama Barnabas.

Kembali ke Antiokhia

²¹ Setelah mengkhabarkan berita baik kepada semua penduduk dan membawa beberapa orang menjadi murid Yesus, kedua-duanya kembali ke Listra, ke Ikonium dan Antiokhia. ²² Di sana mereka menguatkan hati para murid Yesus dan mengingatkan mereka supaya berpegang teguh pada kepercayaan mereka, katanya, “Memang tidak dapat dielakkan bahawa kita masuk ke dalam kerajaan Allah dengan menanggung banyak kesusahan.” ²³ Setelah menetapkan para tua-tua bagi setiap jemaah dan berdoa serta berpuasa, mereka menyerahkan tua-tua itu kepada Tuhan yang sudah pun dipercayai oleh mereka.

²⁴ Setelah melalui Pisidia, rasul-rasul itu sampai di Pamfilia. ²⁵ Mereka menyampaikan firman Allah di Perga, kemudian pergi ke Atalia. ²⁶ Dari sana mereka belayar ke Antiokhia, tempat mereka dahulunya diserahkan kepada anugerah Allah untuk tugas yang baru diselesaikan mereka.

²⁷ Setelah sampai di sana, mereka menghimpunkan jemaah lalu menceritakan segala yang telah dilakukan Allah melalui mereka dan bagaimana Allah telah membukakan pintu kepercayaan bagi orang bangsa asing. ²⁸ Mereka

tinggal di situ beberapa lama bersama murid Yesus yang lain.

Persidangan di Yerusalem

15 ¹ Kemudian, beberapa orang datang dari Yudea dan mengajar murid Yesus di Antiokhia, “Jika kamu tidak disunatkan menurut adat Musa, kamu tidak akan mendapat penyelamatan.” ² Ini menyebabkan Paulus dan Barnabas banyak berbahas dan berbantah dengan mereka itu. Akhirnya diputuskan bahawa Paulus dan Barnabas serta beberapa orang lain pergi ke Yerusalem berjumpa dengan para rasul dan tua-tua untuk bertanyakan persoalan tersebut.

³ Jemaah menghantar mereka sampai ke luar kota. Semasa mereka meneruskan perjalanan melalui Fenisia dan Samaria, mereka memberitahu bagaimana orang bangsa asing telah percaya kepada Yesus. Murid-murid Yesus di situ amat sukacita mendengarnya. ⁴ Setelah sampai di Yerusalem, jemaah dan para rasul serta tua-tua menyambut mereka. Mereka pun menceritakan segala perkara yang telah dilakukan Allah melalui mereka. ⁵ Akan tetapi, beberapa orang daripada mazhab Farisi yang

telah mempercayai Yesus bangkit lalu berkata, “Orang bangsa asing itu haruslah disunatkan dan wajib menurut Taurat Musa.”

⁶ Para rasul dan tua-tua berkumpul untuk menyelidik serta membincangkan perkara itu. ⁷ Setelah perkara itu banyak dibincangkan, Petrus berdiri lalu berkata, “Saudara-saudara semuanya tahu bahawa Allah telah memilihku sejak dahulukala daripada kalangan kita semua untuk menyampaikan firman-Nya tentang perkhabaran Injil kepada bangsa asing, lalu mereka percaya. ⁸ Allah yang mengetahui hati manusia telah bersaksi akan mereka itu dengan memberi mereka Roh Kudus sebagaimana diberi-Nya kepada kita. ⁹ Allah tidak membezakan mereka dengan kita sedikit pun. Dia menyucikan hati mereka kerana iman mereka. ¹⁰ Sekarang ini mengapa saudara-saudara menduga Allah dengan meletakkan pada leher murid-murid suatu beban yang tidak dapat ditanggung oleh nenek moyang kita, malah oleh kita ini juga? ¹¹ Kami percaya hanya dengan kasih kurnia Tuhan Yesus dapat kita berharap untuk diselamatkan, samalah seperti orang bangsa asing itu.”

¹² Orang ramai pun diam lalu mendengar Barnabas dan Paulus menceritakan segala

tanda dan mukjizat yang dilakukan Allah dalam kalangan bangsa asing melalui mereka berdua.¹³ Setelah mereka habis bercerita, Yakobus pula berkata, “Saudara-saudara, dengarlah.¹⁴ Simon telah menceritakan bagaimana Allah pada mulanya menunjukkan kasih-Nya kepada orang bangsa asing dan memilih daripada kalangan mereka suatu kaum untuk menjadi umat bagi nama-Nya.¹⁵ Hal ini selaras dengan nubuat nabi-nabi yang tersurat:

¹⁶ ‘Setelah itu, Aku akan kembali

dan membina semula khemah Daud yang roboh;

dan segala keruntuhannya akan Kubangunkan, lalu Kutegakkan semula,

¹⁷ supaya semua bangsa yang lain akan mencari Tuhan,

bangsa asing yang Kupanggil menjadi umat-Ku.’

¹⁸ Demikianlah firman Tuhan yang telah melakukan semua ini

dan yang telah menyatakannya sejak dahulukala.

¹⁹ “Oleh itu, pada fikiranku janganlah kita menyusahkan orang bangsa asing yang telah mempercayai Allah; ²⁰ tetapi hendaklah kita

15:16: Am 9:11,12.

15:20 a: Kel 34:15-17; **b:** Im 18:6-23; **c:** Im 17:10-16.

berkirim surat kepada mereka dan menasihati mereka supaya menjauhkan diri daripada makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, daripada perbuatan cabul, daripada daging binatang yang mati dicekik dan daripada darah. ²¹ Sejak dahulukala di setiap negeri ada orang yang menyebarkan berita tentang Musa dan membaca Tauratnya di saumaah pada hari Sabat.”

Surat kepada jemaah bukan Yahudi

²² Selepas itu, para rasul dan tua-tua serta seluruh jemaah bersetuju memilih beberapa orang di antara mereka untuk ke Antiokhia bersama Paulus dan Barnabas. Orang yang dipilih itu ialah Yudas yang bergelar Barsabas, dan juga Silas, yang mengetuai saudara-saudara itu. ²³ Mereka diamanahkan membawa sepucuk surat yang berbunyi:

“Salam daripada para rasul, tua-tua jemaah dan saudara-saudaramu kepada saudara-saudara bangsa asing yang tinggal di Antiokhia, Siria dan Kilikia. ²⁴ Kami telah mendengar khabar bahawa ada beberapa orang daripada bangsa kami telah mengganggu saudara-saudara dengan kata-kata yang bukan daripada kami. ²⁵ Oleh itu, kami bermuafakat hendak memilih orang untuk pergi bertemu dengan saudara-saudara

bersama Barnabas dan Paulus yang kami kasihi,
²⁶ iaitu orang yang telah mempertaruhkan
nyawa kerana nama Tuhan kita Yesus Kristus.

²⁷ Kami telah memilih Yudas dan Silas untuk pergi
menyampaikan kepada saudara-saudara ²⁸ pesan
daripada Roh Kudus dan daripada kami: iaitu
janganlah diletakkan ke atas saudara-saudara
beban yang lebih berat daripada yang perlu.

²⁹ Cuma, jauhkanlah diri daripada makanan yang
telah dipersembahkan kepada berhala, daripada
daging binatang yang mati dicekik, daripada
darah dan daripada perbuatan cabul. Jika
saudara-saudara memelihara diri daripada
segala ini, saudara-saudara melakukan hal yang
betul. Sekian, selamat sejahtera.”

³⁰ Mereka yang diutus itu bertolak ke Antiokhia.
Di sana mereka menghimpunkan jemaah
dan menyampaikan surat. ³¹ Apabila jemaah
membaca surat itu, mereka bersukacita kerana
surat itu memberi perangsang kepada mereka.
³² Yudas dan Silas itu kedua-duanya nabi.
Mereka menasihati dan menetapkan hati
saudara-saudara seiman di situ. ³³ Setelah Yudas
dan Silas tinggal di situ beberapa waktu, jemaah
melepaskan mereka untuk pulang dengan
kesejahteraan kepada orang yang mengutus
mereka. ³⁴ [Akan tetapi, Silas memutuskan untuk
tetap tinggal di situ.]

³⁵ Paulus dan Barnabas tinggal di Antiokhia beberapa lama sambil mengajar dan menyampaikan firman Tuhan bersama ramai orang lain.

Paulus dan Barnabas berpisah

³⁶ Kemudian, Paulus berkata kepada Barnabas, “Sekarang baiklah kita melawat semula saudara-saudara yang percaya kepada Yesus di semua kota yang telah kita sampaikan firman Tuhan, untuk melihat bagaimana hal mereka.”

³⁷ Barnabas hendak membawa Yohanes yang juga bergelar Markus ³⁸ tetapi Paulus tidak bersetuju kerana Markus telah meninggalkan mereka di Pamfilia dan tidak ikut serta menjalankan tugas.

³⁹ Oleh itu, timbul perselisihan sengit dan mereka berpisah: Barnabas membawa Markus belayar ke Siprus ⁴⁰ manakala Paulus memilih Silas sebagai teman seperjalanannya. Setelah jemaah menyerahkan mereka kepada kasih kurnia Tuhan, mereka pun berangkat. ⁴¹ Mereka menjelajahi Siria dan Kilikia sambil menetapkan hati jemaah di situ.

Timotius menyertai Paulus dan Silas

16 ¹ Paulus meneruskan perjalanan ke Derbe dan dari situ ke Listra. Di situ ada seorang murid Yesus bernama Timotius, ibunya orang Yahudi yang percaya kepada Yesus tetapi bapanya orang Yunani. ² Timotius dipandang tinggi oleh para murid Yesus di Listra dan di Ikonium. ³ Paulus hendak membawa Timotius bersamanya. Dia pun menyunatkan Timotius kerana semua orang Yahudi di daerah itu tahu bapanya orang Yunani. ⁴ Di setiap kota yang dikunjungi, mereka menyampaikan peraturan yang telah ditetapkan oleh para rasul dan ketua-ketua di Yerusalem kepada jemaah di situ untuk dipatuhi. ⁵ Dengan demikian setiap jemaah semakin teguh imannya dan setiap hari bilangan mereka meningkat.

Paulus melihat suatu penglihatan

⁶ Mereka menjelajahi pula Frigia dan Galatia, kerana Roh Kudus melarang mereka menyampaikan firman di Asia. ⁷ Setelah sampai di sempadan Misia, mereka mencuba masuk ke Bitinia, tetapi dilarang oleh Roh Yesus. ⁸ Oleh itu, mereka terus ke Troas melalui Misia. ⁹ Pada malam itu Paulus mendapat suatu penglihatan: seorang Makedonia berdiri di hadapannya sambil memohon, “Marilah ke Makedonia menolong

kami.”¹⁰ Setelah Paulus melihat penglihatan itu, kami pun hendak segera bertolak ke Makedonia, kerana pada hemat kami Allah memerintahkan kami menyampaikan Injil kepada orang di situ.

Paulus di Filipi

¹¹ Oleh yang demikian, kami belayar dari Troas terus ke Samotrake dan esoknya ke Neapolis;¹² dan dari situ ke Filipi, sebuah kota di Makedonia, yang termasuk jajahan kerajaan Roma; kami tinggal beberapa hari di situ.¹³ Pada hari Sabat kami pergi ke luar pintu gerbang kota ke tepi sungai, kerana di situ kami jangka ada tempat orang berdoa. Kami duduk bercakap dengan perempuan yang berhimpun di situ.¹⁴ Salah seorang yang mendengar kami bercakap ialah seorang perempuan bernama Lidia, yang berjual kain ungu dan berasal dari Tiatira. Dia menyembah Allah. Tuhan membukakan hatinya lalu dia menerima segala yang dikatakan oleh Paulus.¹⁵ Setelah dia dan seisi rumahnya dibaptiskan, dia berkata, “Jika pada hemat kamu, aku ini benar-benar percaya akan Tuhan, marilah tinggal di rumahku.” Demikian dia bersungguh-sungguh mengajak kami ke rumahnya.

Paulus dan Silas di penjara

¹⁶ Di tempat orang berdoa itu juga ada seorang hamba perempuan yang dirasuk roh penilik; dia membawa keuntungan yang besar kepada tuan-tuannya dengan tilikannya itu. ¹⁷ Hamba perempuan itu mengikut Paulus dan kami sambil berseru-seru, “Orang ini hamba Allah Yang Maha Tinggi; mereka memberitahu kamu bagaimana Allah dapat menyelamatkan kamu!” ¹⁸ Demikianlah dilakukannya selama beberapa hari. Akhirnya Paulus gusar dan berpaling sambil berkata kepada roh itu, “Dengan nama Yesus Kristus aku perintahkan kamu keluar daripadanya!” Roh itu pun keluar serta-merta. ¹⁹ Apabila majikan-majikan perempuan itu menyedari bahawa harapan mereka mendapat sumber keuntungan telah dihapuskan, mereka menangkap Paulus dan Silas lalu menyeret mereka ke hadapan pihak berkuasa di medan kota. ²⁰ Mereka menghadapkan Paulus dan Silas kepada pegawai-pegawai kerajaan Roma dan berkata, “Mereka berdua ini membuat kacau di kota kita. Mereka orang Yahudi ²¹ dan mereka menyebarkan ajaran yang tidak patut kita terima atau ikut kerana kita ini orang Romawi.” ²² Orang ramai pun bangkit menentang Paulus dan Silas.

Pegawai-pegawai melucutkan pakaian kedua-duanya dan mengarahkan supaya mereka disebat. ²³ Setelah disebat beberapa kali, kedua-duanya dimasukkan ke dalam penjara; ketua penjara itu diberi arahan mengawal mereka dengan ketat. ²⁴ Oleh itu, ketua penjara memasukkan Paulus dan Silas ke bahagian penjara yang di dalam sekali serta membelenggu kaki mereka pada pasung.

²⁵ Namun demikian, pada waktu tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan memuji Allah. Sekalian yang terpenjara itu mendengar doa dan pujian mereka. ²⁶ Tiba-tiba berlaku gempa bumi yang besar, sehingga bergoncang asas penjara itu. Serta-merta semua pintu penjara terbuka dan belenggu semua orang yang terpenjara itu terlucut. ²⁷ Apabila ketua penjara terjaga daripada tidur dan melihat semua pintu penjara itu terbuka, dia menghunus pedang hendak membunuh diri, kerana sangkanya semua orang yang terpenjara telah lepas lari. ²⁸ Akan tetapi Paulus berseru dengan lantang, “Jangan apa-apakan dirimu, kami semua ada di sini.”

²⁹ Ketua penjara meminta pelita lalu berlari masuk serta sujud dengan gementar di hadapan Paulus dan Silas. ³⁰ Kemudian dia membawa mereka keluar lalu berkata, “Tuan-tuan, apakah yang patut aku lakukan supaya diselamatkan?”

³¹ Mereka menjawab, “Percayalah kepada Tuhan Yesus, dan kamu akan diselamatkan, kamu dan seisi rumahmu.” ³² Mereka pun menyampaikan firman Tuhan kepadanya dan seisi rumahnya. ³³ Pada malam itu juga ketua penjara membasuhkan luka-luka Paulus dan Silas. Dia dan seisi rumahnya dibaptiskan. ³⁴ Selepas itu, dia membawa Paulus dan Silas naik ke rumahnya serta menghidangkan makanan untuk mereka dengan amat sukacita kerana dia sekeluarga telah percaya kepada Allah.

³⁵ Setelah hari siang, pegawai-pegawai kerajaan menghantar anggota penguasa untuk menyampaikan perintah membebaskan Paulus dan Silas.

³⁶ Ketua penjara memberitahu Paulus tentang perintah itu, “Pegawai-pegawai menyuruh tuan-tuan dibebaskan. Oleh itu, keluarlah dan pergilah dengan sejahtera.”

³⁷ Akan tetapi Paulus berkata, “Mereka telah menyebat kami di hadapan orang ramai tanpa menyiasat, sungguhpun kami orang Romawi. Mereka telah memasukkan kami ke dalam penjara. Sekarang mereka hendak membebaskan kami senyap-senyap? Tidak boleh begitu! Hendaklah mereka sendiri datang membawa kami keluar.”

³⁸ Kata-kata Paulus itu disampaikan oleh anggota penguasa kepada pegawai-pegawai itu. Apabila mendengar bahawa Paulus dan Silas orang Romawi, pegawai-pegawai itu pun takut ³⁹ lalu datang memujuk mereka, membawa mereka keluar dan meminta mereka meninggalkan kota itu. ⁴⁰ Paulus dan Silas keluar dari penjara lalu pergi ke rumah Lidia. Setelah bertemu dengan murid-murid Yesus di situ dan menetapkan hati mereka, Paulus dan Silas pun meneruskan perjalanan.

Paulus di Tesalonika

17 ¹ Paulus dan Silas melalui Amfipolis dan Apolonia lalu sampai di Tesalonika. Di situ ada saumaahⁿ orang Yahudi. ² Seperti biasa, Paulus masuk dan berbincang dengan orang di situ tiga hari Sabat berturut-turut tentang ayat-ayat Kitab Suci. ³ Dia menyatakan dan menunjukkan bahawa Kristus mengalami kematian dan kemudian bangkit daripada kematian; juga katanya, “Yesus yang kusebutkan kepadamu inilah Kristus.” ⁴ Beberapa orang di situ percaya lalu bersahabat dengan Paulus dan Silas; antara mereka terdapat sebilangan besar

ⁿ**17:1** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

orang Yunani yang takut akan Allah serta cukup ramai wanita yang terkemuka.

⁵ Tetapi orang Yahudi berasa dengki lalu mengumpulkan orang jahat dan memulakan huru-hara di kota itu; mereka menyerang rumah Yason untuk membawa keluar rasul-rasul itu menghadap orang ramai. ⁶ Apabila mereka tidak menemui Paulus dan Silas, mereka menyeret Yason dan beberapa orang lagi murid Yesus ke hadapan pegawai-pegawai yang berkuasa sambil berseru, “Orang ini telah menimbulkan kekacauan di dunia dan sekarang mereka datang pula ke sini ⁷ lalu dialu-alukan oleh Yason ke rumahnya. Mereka ini melanggar undang-undang Kaisar Roma dengan mengatakan ada orang lain yang menjadi raja, bernama Yesus.” ⁸ Apabila orang ramai dan pegawai kerajaan mendengar kata-kata itu, mereka pun gempar. ⁹ Mereka menerima ikat jamin untuk Yason dan yang lain lalu membenarkan mereka pergi.

Di Beria

¹⁰ Para murid Yesus itu segera menyuruh Paulus dan Silas bertolak ke Beria pada waktu malam. Setelah sampai di sana, mereka masuk ke saumaah orang Yahudi. ¹¹ Orang Yahudi di situ lebih mulia rohaninya daripada yang di Tesalonika kerana mereka menerima firman

Allah dengan amat sukacita dan menyelidik Kitab Suci untuk memastikan setiap kebenaran yang dikatakan Paulus.¹² Oleh yang demikian ramailah antara mereka yang percaya, baik wanita-wanita Yunani yang berkedudukan tinggi mahupun kaum lelaki.¹³ Akan tetapi apabila orang Yahudi di Tesalonika mendapat tahu bahawa Paulus menyebarkan firman Allah di Beria juga, mereka pergi menghasut dan mengapi-apikan orang di situ supaya merusuh.¹⁴ Para murid Yesus di Beria segera menyuruh hantar Paulus ke pantai manakala Silas dan Timotius masih di Beria.¹⁵ Orang yang menghantar Paulus itu membawanya hingga ke Atena; setelah menerima arahan Paulus menyuruh Silas dan Timotius segera menyertainya, orang itu pun pulang ke Beria.

Di Atena

¹⁶ Sementara Paulus menantikan kedua-duanya di Atena, dia berasa amat sedih melihat kota itu penuh dengan berhala.¹⁷ Oleh itu, dia berhujah di saumaah dengan orang Yahudi dan orang Yunani yang takut akan Allah; dan di medan kota juga dia berbincang dengan siapa sahaja yang ditemuinya.¹⁸ Beberapa orang yang berpegang kepada ajaran Epikuros dan Stoa

berhujah dengannya. Ada yang berkata, “Apa yang dibebelkannya itu?”

Yang lain berkata, “Nampaknya orang ini menyebarkan berita tentang tuhan-tuhan orang bangsa asing.” Demikianlah kata mereka kerana Paulus mengkhabarkan berita baik tentang Yesus dan kebangkitan daripada kematian. ¹⁹ Mereka membawanya ke Areopagus sambil berkata, “Bolehkah kami mengetahui apakah ajaran baru yang kamu katakan ini? ²⁰ Kamu menyampaikan ke telinga kami perkara-perkara yang aneh; oleh itu, kami hendak mengetahui ertinya segala perkara ini.” ²¹ (Semua orang Atena dan orang asing di situ asyik sekali membincangkan atau mendengar tentang perkara-perkara terbaru).

²² Paulus berdiri di tengah-tengah Areopagus itu lalu berkata, “Saudara-saudara orang Atena, aku lihat dalam semua hal saudara-saudara sentiasa ingat menyembah tuhan. ²³ Sedang aku berjalan-jalan sambil memerhatikan apa yang saudara-saudara sembah, di suatu tempat aku dapati suatu tempat korban yang ditulis begini: ‘Kepada Tuhan yang tidak diketahui.’ Tuhan yang saudara-saudara sembah tanpa mengetahui-Nya itulah yang hendak aku nyatakan kepada saudara-saudara. ²⁴ Allah yang menjadikan

dunia dengan segala isinya ialah Tuhan langit dan bumi tidak tinggal di tempat sembahyang buatan manusia, ²⁵ dan tidak dilayani oleh manusia kerana Dia tidak kekurangan apa-apa. Malah Dialah yang memberi manusia hidup dan nafas serta segala-galanya. ²⁶ Daripada seorang manusia Dia menjadikan semua bangsa manusia yang menduduki seluruh muka bumi; Dia juga menetapkan masa dan daerah tempat mereka hidup. ²⁷ Masing-masing diharap mencari Allah, mudah-mudahan mereka menemui-Nya. Dia tidaklah jauh daripada kita. ²⁸ 'Kerana-Nya kita hidup, bergerak serta ada di dunia ini.' Sebagaimana kata penyair bangsamu, 'Kita ialah anak-Nya.'

²⁹ Oleh sebab kita keturunan Allah, tidak patut kita sangka keilahian-Nya seperti patung yang serupa dengan emas, perak atau batu yang diukir dengan kepandaian dan akal manusia. ³⁰ Allah membiarkan manusia melalui zaman kejahilan itu; tetapi sekarang Dia menyuruh manusia di seluruh dunia ini bertaubat; ³¹ kerana Dia telah menetapkan bahawa pada suatu hari seisi dunia ini akan dihakimkan dengan adil oleh seorang yang ditentukan-Nya. Allah bersaksi akan hal ini kepada semua manusia dengan membangkitkan-Nya daripada kematian."

³² Apabila mendengar “membangkitkan-Nya daripada kematian”, ada yang mengejek-ejek; tetapi ada yang berkata, “Kami mahu mendengar lagi kamu bercakap tentang perkara itu.” ³³ Selepas itu, Paulus keluar daripada perhimpunan itu. ³⁴ Namun demikian, ada beberapa orang yang menjadi pengikut Paulus dan percaya akan kata-katanya; di antaranya ialah Dionisius anggota Areopagus, dan seorang wanita bernama Damaris, serta beberapa orang lagi.

Paulus di Korintus

18 ¹ Seterusnya Paulus berangkat dari Atena ke Korintus. ² Apabila tiba di situ, dia bertemu dengan seorang Yahudi bernama Akwila, yang lahir di kota Pontus. Dia baru datang dari Itali dengan isterinya Priskila, kerana Klaudius telah menitahkan semua orang Yahudi keluar dari Roma. Paulus pergi menemui mereka ³ lalu tinggal dan bekerja bersama mereka kerana mata pencarian mereka sama iaitu sebagai tukang khemah. ⁴ Pada setiap hari Sabat, Paulus berhujah di saumaah^o untuk meyakinkan orang

^o**18:4** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Yahudi dan juga orang Yunani menjadi murid Yesus.

⁵ Setelah Silas dan Timotius sampai di situ dari Makedonia, Paulus menumpukan masa kepada usaha menyampaikan firman Allah serta memberikan kesaksian kepada orang Yahudi bahawa Yesus itulah Kristus. ⁶ Akan tetapi, mereka menentang dan mencelanya; maka Paulus mengebaskan debu daripada pakaiannya lalu berkata, “Darahmu tertumpah ke atas kepalamu sendiri, aku tidak bertanggungjawab; aku bersih. Dari sekarang aku hendak pergi kepada orang bangsa asing.” ⁷ Paulus pun berpindah ke rumah Titus Yustus, seorang yang menyembah Allah; rumahnya bersebelahan dengan saumaah. ⁸ Krispus, ketua saumaah itu, serta seisi rumahnya, percaya kepada Tuhan Yesus; ramai lagi orang Korintus turut mendengar dan percaya lalu dibaptiskan.

⁹ Pada suatu malam Tuhan berfirman kepada Paulus dalam satu penglihatan, “Jangan takut, berkata-katalah terus dan jangan berhenti, ¹⁰ kerana Aku menyertaimu. Tiada seorang pun akan dapat mencederakanmu, kerana ramai orang di kota ini umat-Ku.” ¹¹ Paulus tinggal di situ setahun setengah sambil menyebarkan firman Allah kepada orang di situ.

¹² Semasa Galio menjadi pemerintah negeri Akhaya, orang Yahudi bangkit dengan sehati melawan Paulus lalu membawanya ke muka pengadilan. ¹³ Mereka berkata, “Orang ini cuba mempengaruhi orang ramai supaya menyembah Allah dengan cara yang bercanggah dengan hukum Taurat.”

¹⁴ Apabila Paulus hendak menjawab, Galio berkata, “Hai orang Yahudi, jika perkara ini tentang kesalahan atau jenayah, patutlah aku bersabar mendengarnya; ¹⁵ tetapi jika pertikaianmu tentang perkataan, nama dan hukummu hendaklah kamu menyelesaikannya sendiri; aku tidak mahu mengadili perkara yang demikian.” ¹⁶ Lalu Galio mengusir mereka keluar dari tempat pengadilan itu. ¹⁷ Kemudian mereka menangkap Sostenes, ketua saumaah, lalu memukulnya di hadapan tempat pengadilan itu, tetapi Galio tidak menghiraukannya.

Paulus kembali ke Antiokhia

¹⁸ Paulus tinggal dengan para murid Yesus di Korintus beberapa hari lagi. Selepas itu, dia meninggalkan mereka lalu belayar bersama Priskila dan Akwila ke Siria. Sebelum bertolak, Paulus mencukur rambutnya di Kengkrea sebagai

menunaikan nazarnya. ¹⁹ Apabila mereka sampai di Efesus, Paulus meninggalkan Priskila dan Akwila di situ. Dia masuk seorang ke saumaah lalu berbincang dengan orang Yahudi. ²⁰ Ketika mereka memintanya tinggal lebih lama lagi di sana, dia menolak permintaan itu ²¹ lalu bermohon diri sambil berkata, “Dengan izin Allah, aku akan kembali bertemu denganmu.” Selepas itu, dia belayar meninggalkan Efesus.

²² Setelah sampai di Kaisarea, dia naik memberi salam kepada jemaah, lalu turun ke Antiokhia. ²³ Di sana dia tinggal beberapa lama, kemudian berangkat melawat seluruh daerah Galatia dan Frigia serta mengukuhkan iman para murid Yesus di situ.

Apolos di Efesus

²⁴ Pada masa itu seorang Yahudi bernama Apolos, yang lahir di Aleksandria,^P pandai berpidato dan amat memahami Kitab Suci, datang ke Efesus. ²⁵ Dia telah diajar tentang jalan Tuhan, dan dengan bersungguh-sungguh dia berkata-kata dan mengajarkan perihal Yesus dengan betul, walaupun dia hanya mengetahui baptisan Yohanes. ²⁶ Dia mula bercakap dengan berani di saumaah. Priskila dan Akwila

^P**18:24** Nama lain: Iskandaria.

mendengar dia bercakap lalu membawanya ke tempat tinggal mereka dan menerangkan jalan Allah kepadanya dengan lebih betul lagi. ²⁷ Apabila dia hendak menyeberang ke Akhaya, para murid Yesus di Efesus membantunya dengan menulis surat kepada saudara-saudara seiman di Akhaya, supaya mereka menyambut Apolos. Setibanya di Akhaya, dia banyak menolong orang yang dengan kasih kurnia Allah telah beriman. ²⁸ Dengan wibawa yang penuh Apolos mengalahkan orang Yahudi dalam perbahasan di hadapan orang ramai. Dengan memetik ayat-ayat Kitab Suci, dia membuktikan bahawa Yesus itu Kristus.

Paulus di Efesus

19 ¹ Sementara Apolos berada di Korintus, Paulus menjelajahi kawasan pedalaman lalu sampai di Efesus. Di situ dia bertemu dengan beberapa orang murid ² lalu berkata, “Adakah kamu menerima Roh Kudus pada waktu kamu percaya kepada Yesus?”

Mereka menjawab, “Kami belum pernah mendengar pun tentang adanya Roh Kudus.”

³ Paulus bertanya, “Kalau begitu, dalam baptisan apakah kamu dibaptiskan?”

Kata mereka, “Dalam baptisan Yohanes.”

⁴ Paulus berkata, “Yohanes telah membaptiskan orang dengan pembaptisan taubat dan berkata kepada mereka bahawa mereka hendaklah mempercayai Dia yang akan datang selepasnya, iaitu Yesus.”

⁵ Setelah mereka mendengar penerangan itu, mereka dibaptiskan dengan nama Tuhan Yesus. ⁶ Paulus meletakkan tangan di atas mereka lalu datanglah Roh Kudus menguasai mereka dan mereka semuanya bercakap dalam berbagai-bagai bahasa serta bernubuat. ⁷ Semuanya ada kira-kira dua belas orang.

⁸ Paulus masuk ke saumaah^q dan bercakap di situ dengan beraninya selama tiga bulan. Dia berbincang dengan orang di situ dan berusaha meyakinkan mereka tentang kerajaan Allah.

⁹ Akan tetapi, beberapa orang berkeras hati dan tidak mahu percaya malah memburuk-burukkan Jalan Tuhan di hadapan orang ramai. Oleh itu, Paulus meninggalkan mereka lalu membawa murid-murid Yesus bersamanya ke dewan syarahan Tiranus dan di situlah dia mengadakan perbincangan. ¹⁰ Hal itu berlaku selama dua tahun, hingga semua penduduk Asia, baik orang

^q**19:8** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

Yahudi mahupun orang Yunani, telah mendengar firman Tuhan.

¹¹ Allah melakukan mukjizat yang luar biasa melalui Paulus. ¹² Sesetengah mereka membawa pulang sapu tangan atau kain yang pernah dipakai Paulus kepada orang yang sakit lalu mereka sembuh dan roh-roh iblis yang merasuk mereka keluar dari tubuh mereka. ¹³ Beberapa orang Yahudi yang mengamalkan ilmu sihir turut serta menyebut nama Tuhan Yesus untuk mengubat orang yang dirasuk roh-roh iblis, dengan berkata, “Aku menyumpahi kamu demi Yesus yang dikhabarkan oleh Paulus.” ¹⁴ Ada tujuh orang anak Skewa, imam besar orang Yahudi, yang berbuat demikian.

¹⁵ Akan tetapi, roh jahat itu menjawab, “Aku kenal akan Yesus, dan tahu akan Paulus, tetapi kamu ini siapa?”

¹⁶ Lalu orang yang dirasuk roh jahat itu menerkam dan mengerjakan mereka. Mereka pun lari dari dalam rumah itu dalam keadaan telanjang dan luka. ¹⁷ Berita itu tersebar baik dalam kalangan orang Yahudi mahupun orang Yunani di Efesus; mereka ketakutan lalu nama Tuhan Yesus semakin dimuliakan. ¹⁸ Ramai orang yang mempercayai Yesus datang sambil mengakui segala perbuatan jahat mereka yang lalu. ¹⁹ Beberapa orang yang mengamalkan

ilmu sihir mengumpulkan semua buku sihir mereka dan membakarnya di hadapan orang ramai. Semua buku sihir itu dianggap nilainya kira-kira lima puluh ribu keping wang perak.

²⁰ Demikianlah, firman Tuhan tersebar luas dan semakin berkuasa.

Rusuhan di Efesus

²¹ Setelah selesai peristiwa itu, Paulus berniat dalam hatinya hendak menjelajahi Makedonia dan Akhaya dan kemudian ke Yerusalem. Dia berkata, “Selepas itu, aku mesti pergi ke Roma pula.” ²² Dia pun menyuruh Timotius dan Erastus, dua orang daripada pembantu-pembantunya, pergi dahulu ke Makedonia, manakala dia tinggal lebih lama di Asia.

²³ Pada masa itu berlaku huru-hara di Efesus kerana ajaran tentang Jalan Tuhan. ²⁴ Seorang tukang perak bernama Demetrius membuat balai-balai berhala Dewi Artemis daripada perak. Pekerjaan ini membawa hasil lumayan kepada pekerja-pekerjanya. ²⁵ Dia menghimpunkan para pekerja serta tukang-tukang yang sama mata pencariannya lalu berkata, “Saudara-saudara sekalian tahu bahawa daripada pekerjaan inilah kita mendapat keuntungan. ²⁶ Saudara-saudara juga melihat dan mendengar bahawa di Efesus ini malah hampir di seluruh Asia, Paulus itu telah

mempengaruhi ramai orang dengan berkata bahawa barang yang diperbuat oleh manusia bukannya tuhan. ²⁷ Dengan demikian, apa yang dikhuatiri bukan sahaja mata pencarian kita ini dihina, bahkan rumah Artemis, dewi yang besar itu pun tidak akan diendahkan lagi, lalu hilanglah kebesaran dewi yang disembah orang di seluruh Asia malah di serata dunia.”

²⁸ Setelah mendengar kata-kata itu, semua yang hadir naik berang dan berseru, “Maha besar Artemis, dewi orang Efesus!” ²⁹ Dengan demikian orang ramai merusuh di kota itu. Mereka menangkap Gayus dan Aristarkhus, orang Makedonia yang menemani Paulus dalam perjalanannya, lalu menyeret mereka ke panggung^r kota itu. ³⁰ Paulus hendak pergi bercakap kepada orang ramai tetapi para murid Yesus tidak membenarkannya. ³¹ Beberapa orang pegawai kerajaan yang bersahabat dengan Paulus berpesan kepadanya supaya jangan masuk ke panggung itu. ³² Orang yang berkumpul di situ berseru-seru, sesetengah berkata begini dan sesetengah begitu; kerana semuanya dalam keadaan kelam-kabut dan sebilangan besar daripada mereka tidak tahu mengapa

^r**19:29** Panggung yang disebut di sini bukan seperti pawagam. Panggung di Efesus sangat besar dan boleh menampung sebanyak 26,000 orang.

mereka berhimpun. ³³ Orang Yahudi menolak Aleksander^s ke hadapan untuk menghadapi orang ramai. Aleksander memberikan isyarat dengan tangannya kerana dia hendak menjelaskan segalanya kepada mereka. ³⁴ Akan tetapi apabila mereka mengenalinya sebagai orang Yahudi, semuanya berseru serentak selama kira-kira dua jam, “Maha besar Artemis, dewi orang Efesus!”

³⁵ Ketika itu jurutulis kota menyuruh mereka diam lalu berkata, “Hai orang Efesus, siapa yang tidak tahu bahawa orang kota Efesuslah yang memelihara kuil dewi besar Artemis dan patung sucinya yang turun dari langit? ³⁶ Ini tidak dapat dinafikan. Oleh itu, kamu patut bertenang dan jangan bertindak gopoh-gapah. ³⁷ Kedua-dua orang ini tidak merampas harta tempat berhala dan tidak pula menghina dewi kita, tetapi kamu membawa mereka ke mari. ³⁸ Jika Demetrius dan tukang-tukang yang menyertainya itu ada sesuatu yang hendak diadakan tentang sesiapa, kita mempunyai mahkamah perbicaraan dan hakim; hendaklah mereka mendakwa orang berkenaan di mahkamah. ³⁹ Jika kamu menuntut perkara lain, hendaklah diselesaikan dalam perhimpunan yang berpatutan. ⁴⁰ Oleh sebab apa yang berlaku hari ini, kita akan didakwa

^s19:33 Nama lain: Iskandar.

menimbulkan huru-hara tanpa sebab; dan kita tidak dapat memberikan alasan yang wajar untuk membenarkan perhimpunan ini.”⁴¹ Selepas itu, jurutulis kota menyuruh perhimpunan itu bersurai.

Paulus melalui Makedonia dan Yunani

20¹ Setelah kota itu aman semula, Paulus memanggil para murid Yesus dan menasihatkan mereka, kemudian memohon diri lalu bertolak ke Makedonia.² Dia menjelajahi seluruh Makedonia sambil memberikan nasihat kepada orang di situ. Kemudian dia tiba di Yunani dan³ tinggal di sana selama tiga bulan. Apabila dia hendak belayar ke Siria, dia mendengar bahawa orang Yahudi berpakat hendak membunuhnya. Oleh itu, dia membuat keputusan hendak berangkat melalui Makedonia.⁴ Dia diiringi hingga ke Asia oleh Sopater anak Purrus orang Beria, oleh Aristarkhus dan Sekundus orang Tesalonika, oleh Gayus orang Derbe, Timotius, dan dua orang dari Asia, Tikhikus dan Trofimus.⁵ Mereka berjalan dahulu, menantikan kami di Troas.⁶ Kami belayar dari Filipi selepas Perayaan Roti Tidak Beragi, lalu menemui mereka di Troas lima hari kemudian. Kami tinggal di situ selama tujuh hari.

Paulus di Troas

⁷ Pada hari pertama minggu itu, kami berkumpul untuk memecah-mecahkan roti. Paulus yang akan belayar esoknya bercakap dengan orang di situ sampai tengah malam. ⁸ Di dalam bilik atas, tempat kami berhimpun itu, ada beberapa pelita. ⁹ Seorang pemuda bernama Eutikhus duduk di jendela. Dia tertidur sementara Paulus masih bercakap. Oleh sebab lena tidurnya, pemuda itu jatuh dari tingkat ketiga itu sampai ke bawah. Orang mengangkatnya dan mendapatinya sudah mati. ¹⁰ Paulus turun lalu merebahkan diri ke atas pemuda itu serta memeluknya sambil berkata, “Jangan bimbang, kerana ada lagi nyawanya.” ¹¹ Selepas itu dia naik, membahagikan roti, makan lalu bertutur sampai dinihari. Kemudian dia pun berangkat. ¹² Pemuda itu didapati hidup dan dibawa pulang ke rumahnya. Mereka semua amat terhibur.

Dari Troas ke Miletus

¹³ Kami berjalan dahulu naik ke kapal lalu belayar ke Asos untuk menyambut Paulus di sana; demikianlah yang telah dirancangnya, kerana dia sendiri hendak berjalan kaki. ¹⁴ Setelah menyambutnya di Asos, kami mengiringinya ke Metilene. ¹⁵ Kami belayar dari sana: Esoknya

kami bertentangan dengan Pulau Khios; lusanya kami singgah di Samos; dan tulatnya kami sampai di Miletus. ¹⁶ Paulus telah membuat keputusan untuk belayar melalui Efesus, supaya jangan berlarutan di Asia; dia hendak cepat, dengan harapan sampai di Yerusalem pada Perayaan Pentakosta.

Perpisahan dengan para tua-tua jemaah di Efesus

¹⁷ Dari Miletus Paulus menyuruh orang pergi ke Efesus memanggil tua-tua jemaah di situ.

¹⁸ Apabila mereka datang menemuinya, Paulus berkata, “Kamu semua tahu cara hidupku sejak aku bersamamu, dari hari pertama aku datang ke Asia. ¹⁹ Aku telah memperhambakan diri kepada Tuhan dengan sehabis-habis rendah hati dan dengan air mata. Sudah beberapa cubaan menimpa diriku akibat pakatan orang Yahudi. ²⁰ Aku tidak pernah menyembunyikan daripadamu sesuatu yang berfaedah kepadamu. Aku menyatakan segalanya kepadamu dan mengajarmu baik di khalayak ramai mahupun di rumah masing-masing, ²¹ sambil memberikan kesaksian kepada orang Yahudi dan orang Yunani tentang pertaubatan kepada Allah dan iman akan Tuhan Yesus. ²² Sekarang aku pergi ke Yerusalem mentaati perintah Roh Kudus sedangkan aku

tidak tahu apa yang akan berlaku kepadaku.

²³ Yang kuketahui hanyalah ini: Dari kota ke kota Roh Kudus telah memberikan kesaksian kepadaku dan berkata bahawa penjara dan penderitaan ada lagi menantikan aku. ²⁴ Tetapi sekali-kali aku tidak mengendahkan soal nyawaku, asalkan aku dapat menyempurnakan tanggungjawab dan tugas yang kuterima daripada Tuhan Yesus iaitu memberikan kesaksian akan Injil tentang kasih kurnia Allah.

²⁵ Sekarang ingatlah. Aku tahu bahawa kamu tidak akan memandang mukaku lagi, setelah sekian lama aku bersamamu dan mengkhabarkan kerajaan Allah. ²⁶ Oleh itu, pada hari ini aku bersaksi bahawa aku tidak bersalah terhadap penumpahan darah manusia. ²⁷ Aku telah menyatakan kepadamu seluruh kehendak Allah dengan sepenuh kerelaan. ²⁸ Jagalah dirimu dan semua kawanannya kerana kamulah yang telah diamanahkan Roh Kudus untuk menjadi penyelia bagi menggembalakan jemaah Allah yang telah ditebus-Nya dengan darah-Nya sendiri. ²⁹ Aku tahu bahawa sepeninggalanku nanti, beberapa serigala garang akan masuk menyerang jemaah ini; ³⁰ malah dari antara kamu sendiri akan bangkit beberapa orang yang memesongkan

ajaran yang benar dan berusaha menarik para murid untuk mengikut mereka. ³¹ Oleh itu, berjaga-jagalah, serta ingatlah bagaimana selama tiga tahun aku tidak berhenti-henti siang malam menasihatkan setiap orang dengan air matakku.

³² Sekarang aku menyerahkan kamu kepada Allah dan kepada perkhabaran tentang kasih kurnia Allah, yang berkuasa meneguhkan imanmu dan memberimu warisan yang diperuntukkan bagi seluruh umat yang telah disucikan. ³³ Aku tidak pernah ingin memiliki emas perak atau pakaian orang. ³⁴ Kamu tahu bahawa kedua-dua belah tanganku ini telah bekerja untuk mencukupkan sara hidupku dan orang yang bersamaku. ³⁵ Dalam semua perkara aku telah menunjukkan teladan kepadamu iaitu bagaimana kamu juga patut bekerja demikian untuk menolong orang yang lemah; dan ingatlah firman Tuhan Yesus, 'Memberi itu lebih berkatnya daripada menerima.' "

³⁶ Setelah berkata demikian, Paulus berlutut dan berdoa-doa bersama semua yang hadir.

³⁷ Semuanya menangis seraya memeluk dan mencium Paulus. ³⁸ Mereka berdukacita terutamanya kerana dia berkata bahawa mereka tidak akan memandangi mukanya lagi. Kemudian mereka menghantarkannya ke kapal.

Paulus pergi ke Yerusalem

21 ¹ Setelah berpisah dengan mereka, kami belayar ke Kos, dan esoknya ke Rodos, dan dari sana ke Patara. ² Kami mendapati ada sebuah kapal yang hendak menyeberang ke Fenisia. Kami menaikinya lalu belayar. ³ Setelah kelihatan Siprus di sebelah kiri, kami terus belayar ke Siria lalu turun di kota Tirus kerana kapal itu hendak memunggah muatannya di situ. ⁴ Kami menemui para murid Yesus lalu tinggal di kota itu selama tujuh hari. Melalui pimpinan Roh Kudus mereka menggesa Paulus supaya jangan pergi ke Yerusalem. ⁵ Setelah sampai waktu yang dirancang, kami bertolak dari situ. Semua murid Yesus bersama anak isteri menghantarkan kami sampai ke luar kota. Kami semua berlutut di pantai lalu berdoa dan bersalam-salaman. ⁶ Selepas itu, kami naik ke kapal dan mereka pulang ke rumah masing-masing.

⁷ Dari Tirus kami meneruskan pelayaran ke Ptolemais. Di situ kami memberi salam kepada saudara-saudara seiman lalu tinggal dengan mereka selama sehari. ⁸ Esoknya kami pergi ke Kaisarea lalu masuk ke rumah Filipus, pemberita Injil yang menjadi seorang

daripada tujuh pembantu para rasul, lalu kami tinggal dengannya. ⁹ Dia mempunyai empat orang anak gadis yang belum berkahwin dan mereka bernubuat. ¹⁰ Setelah kami tinggal di situ beberapa hari, seorang nabi bernama Agabus datang dari Yudea. ¹¹ Dia mendapatkan kami lalu mengambil tali pinggang Paulus dan mengikat kaki tangannya sendiri sambil berkata, “Demikianlah kata Roh Kudus, bahawa orang yang mempunyai tali pinggang ini akan diikat demikian di Yerusalem oleh orang Yahudi dan diserahkan ke tangan orang bangsa asing.”

¹² Apabila mendengar kata-kata itu, kami dan penduduk kota itu meminta Paulus supaya jangan pergi ke Yerusalem. ¹³ Paulus menjawab, “Mengapa kamu menangis dan menyedihkan hatiku? Aku bersedia bukan sahaja untuk diikat, malah untuk mati di Yerusalem demi nama Tuhan Yesus.”

¹⁴ Oleh sebab dia tidak mahu mendengar kata kami, kami pun berhenti memujuknya lalu berkata, “Berlakulah kehendak Tuhan.”

¹⁵ Selepas itu, kami berkemas lalu pergi ke Yerusalem. ¹⁶ Beberapa orang murid Yesus dari Kaisarea menyertai kami lalu membawa kami berjumpa Menason, orang Siprus, yang sudah

lama percaya akan Yesus; di rumahnyalah kami menumpang.

Paulus melawat Yakobus

¹⁷ Setelah sampai di Yerusalem, kami disambut oleh saudara-saudara seiman dengan sukacita.

¹⁸ Pada esoknya Paulus bersama kami masuk berjumpa dengan Yakobus; ketua-ketua yang lain pun ada di situ. ¹⁹ Setelah memberi salam kepada mereka, Paulus menceritakan segala yang telah dilakukan Allah secara terperinci dalam kalangan bangsa asing melalui pelayanannya.

²⁰ Apabila mendengar kisah itu mereka memuji Allah dan berkata kepada Paulus, “Saudara, sebagaimana kamu lihat, ada berpuluh ribu orang Yahudi yang sudah percaya akan Yesus dan mereka itu berpegang teguh pada Taurat.

²¹ Ada orang memberitahu mereka bahawa kamu mengajar orang Yahudi yang tinggal dalam kalangan orang bangsa asing supaya berpaling daripada Musa, jangan menyunatkan anak-anak dan jangan menurut adat orang Yahudi. ²² Sekarang bagaimana? Mereka tentu mendengar berita kedatanganmu ke sini. ²³ Oleh itu, ikutlah seperti kata kami. Antara kami ada empat orang yang telah bernazar. ²⁴ Bawalah

mereka bersamamu dan sucikan dirimu bersama mereka serta tanggung belanja mencukur kepala mereka. Dengan demikian semua orang akan tahu bahawa apa yang dikatakan tentangmu itu tidak benar, sebaliknya kamu mengikut Taurat.

²⁵ Namun demikian, tentang orang bangsa asing yang percaya akan Yesus, kami telah berkirim surat memberikan hukum bahawa mereka hendaklah menjauhkan diri daripada makanan yang dipersembahkan kepada berhala, daripada darah, daging binatang yang mati dicekik dan daripada perbuatan cabul.”

²⁶ Paulus pun membawa empat orang itu bersamanya dan pada esoknya dia menyucikan diri bersama mereka. Kemudian dia masuk ke Bait Suci dan memberitahu orang di situ bilangan harinya upacara penyucian itu akan selesai dan korban akan dipersembahkan bagi setiap mereka.

Paulus ditangkap

²⁷ Apabila hampir genap tujuh hari, beberapa orang Yahudi dari Asia terpandang Paulus di dalam Bait Suci. Mereka menghasut orang ramai lalu menangkap Paulus ²⁸ sambil berseru, “Hai orang Israel, marilah tolong kami! Inilah

dia orang yang menyebarkan di merata-rata ajaran yang menghina kaum kita, Taurat dan Bait Suci. Dia juga telah membawa orang Yunani ke dalam Bait Suci, menajiskan tempat suci ini.”

²⁹ Mereka berkata begitu kerana pernah melihat Trofimus orang Efesus bersama Paulus di kota itu lalu mereka menyangka bahawa Paulus telah membawanya ke dalam Bait Suci.

³⁰ Ini menggemparkan semua orang Yahudi di kota itu lalu mereka berlari dan berhimpun mengerumuni Paulus. Mereka menangkapnya dan menyeretnya ke luar Bait Suci. Semua pintu Bait Suci pun segera ditutup. ³¹ Ketika mereka hendak membunuhnya, ketua pasukan tentera mendengar bahawa seisi kota Yerusalem sedang merusuh. ³² Dia segera membawa beberapa orang ketua tentera dan askar-askar untuk mendapatkan perusuh-perusuh itu. Apabila melihat mereka datang, perusuh-perusuh itu berhenti memukul Paulus. ³³ Ketua pasukan tentera itu datang menangkap Paulus, disuruhnya ikat dengan dua rantai. Dia bertanya siapakah dia dan apakah yang telah dilakukannya. ³⁴ Di antara orang ramai itu sesetengah menjawab begini dan sesetengahnya begitu. Oleh sebab ketua pasukan tentera itu tidak dapat memastikan punca

huru-hara itu, dia menyuruh orangnya membawa Paulus ke dalam kubu. ³⁵ Setelah sampai ke tangga, askar-askar mengangkat Paulus kerana orang ramai mengganas. ³⁶ Mereka mengikut sambil berseru-seru, “Hapuskan dia!”

Paulus berucap kepada orang ramai

³⁷ Ketika Paulus hendak dibawa masuk ke dalam kubu, dia berkata kepada ketua pasukan tentera itu, “Bolehkah aku menyatakan sesuatu kepadamu?”

Ketua pasukan tentera itu berkata, “Kamu tahu bahasa Yunani? ³⁸ Bukankah kamu ini orang Mesir yang dahulu mencetuskan pemberontakan dan memimpin empat ribu orang pengganas ke gurun?”

³⁹ Paulus berkata, “Aku ini orang Yahudi dari kota Tarsus di Tanah Kilikia iaitu kota yang agak terkenal, dan aku meminta kamu benarkan aku bercakap kepada orang ramai itu.”

⁴⁰ Setelah mendapat kebenaran daripada ketua pasukan tentera, Paulus berdiri di atas tangga dan memberikan isyarat dengan tangannya supaya mereka diam. Setelah orang ramai itu senyap, Paulus berucap dalam bahasa Ibrani,

Paulus membela diri di Yerusalem

22¹ “Bapa-bapa dan saudara-saudara sekalian. Dengarlah peneranganku.”

² Setelah mereka mendengar Paulus bertutur dalam bahasa Ibrani, mereka terus senyap.

Paulus berkata, ³ “Aku ini orang Yahudi, dilahirkan di Tarsus di Tanah Kilikia, tetapi dibesarkan di kota ini, berguru kepada Gamaliel. Aku diajar hukum nenek moyang kita dengan betul, dan aku pula tekun beribadat kepada Allah, sama seperti saudara-saudara sekalian pada hari ini. ⁴ Aku pernah menganiaya pengikut Jalan Tuhan malah membunuh mereka di samping mengikat dan memenjarakan mereka, baik lelaki mahupun perempuan. ⁵ Imam besar dan seluruh anggota Majlis Agama boleh bersaksi akan perbuatanku itu. Aku telah mendapatkan beberapa surat daripada mereka lalu pergi ke Damsyik untuk menangkap dan mengikat para murid Yesus di sana dan membawa mereka ke Yerusalem ini untuk diseksa.”

⁶ “Dalam perjalanan, ketika hampir sampai di Damsyik, sekitar tengah hari, tiba-tiba suatu cahaya yang besar dari langit bersinar mengelilingiku. ⁷ Aku rebah ke tanah lalu

mendengar suara berkata kepadaku, ‘Saul, Saul, mengapa engkau menganiaya Aku?’⁸ Aku berkata, ‘Siapakah Engkau, Tuan?’ Jawab-Nya, ‘Akulah Yesus orang Nazaret yang kauaniayakan.’⁹ Semua orang yang bersamaku turut melihat cahaya itu tetapi tidak mendengar suara yang berkata-kata denganku itu.¹⁰ Aku berkata, ‘Tuan, apakah yang harus kulakukan?’ Dia menjawab, ‘Bangunlah, pergi ke Damsyik. Di sana engkau akan diberitahu segala yang sudah ditetapkan untuk kaulakukan.’¹¹ Aku tidak dapat melihat langsung akibat cahaya yang terang itu. Teman seperjalananku memimpin tanganku masuk ke Damsyik.

¹² Ada seorang bernama Ananias yang kuat beribadat menurut hukum Taurat. Dia dipandang tinggi oleh orang Yahudi di Damsyik.¹³ Dia datang berdiri di sisiku lalu berkata, ‘Saudaraku Saul, kamu dapat melihat semula!’ Pada saat itu juga aku dapat melihat semula lalu memandangnya.¹⁴ Dia berkata, ‘Allah nenek moyang kita, telah menetapkan bahawa kamu akan mengetahui kehendak-Nya, dan melihat Yesus^t Yang Benar serta mendengar suara-Nya.¹⁵ Kamu akan menjadi saksi tentang-Nya kepada

^t**22:14** Atau, “melihat Yang Benar. Yang Benar merujuk kepada Yesus.”

semua manusia, termasuk segala yang telah kamu lihat dan dengar itu. ¹⁶ Sekarang mengapa kamu berlengah-lengah lagi? Bangunlah untuk dibaptiskan dan minta dihapuskan segala dosamu sambil menyeru nama-Nya.’ ”

¹⁷ “Setelah aku pulang ke Yerusalem, sedang aku berdoa di Bait Suci, aku terlalai ¹⁸ lalu melihat Dia dan mendengar kata-kata-Nya kepadaku, ‘Segeralah keluar dari Yerusalem, kerana mereka tidak akan menerima kesaksian daripadamu tentang-Ku.’ ¹⁹ Aku berkata, ‘Ya Tuhan, mereka tahu bahawa aku pernah memenjarakan dan memukul orang yang mempercayai-Mu dalam semua saumaah;^u ²⁰ dan apabila darah Stefanus saksi-Mu itu ditumpahkan, aku turut berdiri berdekatan dan menyetujui pembunuhan itu, serta menjaga pakaian orang yang membunuhnya.’ ²¹ Kata-Nya kepadaku, ‘Keluarlah dari sini, kerana Aku hendak mengutusmu jauh-jauh kepada orang bangsa asing.’ ”

^u**22:19** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

22:20: Kis 7:58.

Paulus warga negeri Roma

²² Orang ramai mendengar ucapan Paulus setakat itu, kemudian berseru lantang, “Hapuskan orang begini dari muka bumi, tidak patut dia dibiarkan hidup!” ²³ Mereka berteriak-teriak sambil mengebas-ngebas pakaian sehingga debu berterbangan. ²⁴ Ketua pasukan tentera itu menyuruh orangnya membawa Paulus ke dalam kubu. Dia mengarahkan mereka menyebat dan menyoalnya untuk mengetahui mengapa orang ramai berseru-seru demikian tentangnya. ²⁵ Paulus diikat dengan tali kulit lalu dia berkata kepada ketua tentera yang berdiri di situ, “Jika seorang warga negeri Roma belum diadili dan didapati bersalah, berkuasakah kamu menyebatnya?”

²⁶ Apabila ketua tentera itu mendengar kata-kata Paulus, dia pergi memberitahu ketuanya tentang perkara itu. Katanya, “Apa hendak kamu buat? Orang ini warga negeri Roma.”

²⁷ Ketua pasukan tentera itu mendapatkan Paulus lalu berkata, “Katakanlah kepadaku, adakah engkau ini warga negeri Roma?”

Paulus menjawab, “Ya.” ²⁸ Ketua pasukan tentera itu berkata, “Aku dapat menjadi warga negeri dengan bayaran yang tinggi.”

Paulus menjawab, “Tetapi aku dilahirkan sebagai warga negeri Roma.”²⁹ Semua orang yang hendak menyoalnya itu berundur, dan ketua pasukan tentera itu ketakutan kerana telah mengikat warga Romawi.

Paulus di hadapan Majlis Agama

³⁰ Esoknya, untuk mengetahui dengan pasti apa sebabnya Paulus dituduh oleh orang Yahudi, ketua tentera itu meminta imam besar dan semua ahli Majlis Agama berhimpun. Kemudian dia melepaskan Paulus daripada ikatan dan menghadapkannya kepada perhimpunan itu.

23¹ Paulus merenung perhimpunan itu lalu berkata, “Saudara-saudara, dengan hati nurani yang bersih aku telah melakukan segalanya di mata Allah sampai hari ini.”

² Ananias, imam besar, menyuruh orang yang berdiri di sisi Paulus menampar mulutnya.

³ Paulus berkata kepadanya, “Allah akan menampar mulutmu nanti. Kamu seperti tembok yang dicat putih! Kamu sekarang duduk untuk mengadiliku menurut hukum tetapi kamu sendiri melanggar hukum itu dengan menyuruh orang menamparku!”

⁴ Orang yang berdiri di sisi Paulus berkata, “Beranikah kamu mencela imam besar Allah?”

⁵ Paulus menjawab, “Saudara-saudara, aku tidak tahu dia itu imam besar. Memang tersurat dalam Kitab Suci, ‘Jangan hinakan pemimpin bangsamu.’ ”

⁶ Paulus mengetahui bahawa dalam perhimpunan itu separuhnya orang Saduki dan separuhnya orang Farisi. Dia pun berkata, “Saudara-saudara, aku ini orang Farisi dan anak orang Farisi. Aku didakwa kerana berharap kepada kebangkitan daripada kematian.”

⁷ Dengan demikian orang Farisi dan orang Saduki mula berbahas. Seluruh perhimpunan berpecah kepada dua pihak. ⁸ Orang Saduki mengatakan bahawa tiada kebangkitan daripada kematian, tiada malaikat dan tiada roh; tetapi orang Farisi percaya akan semuanya.

⁹ Pertengkar besar tercetus. Beberapa orang ahli Taurat daripada pihak orang Farisi bangkit dan menegaskan dengan penuh kesungguhan, “Kami dapati orang ini tidak bersalah langsung. Mungkin sekali roh atau malaikat telah bercakap dengannya.”

23:5: Kel 22:28. **23:6:** Kis 26:5; Flp 3:5.

23:8: Mat 22:23; Mrk 12:18; Luk 20:27.

¹⁰ Perkelahian menjadi begitu sengit sehingga ketua pasukan tentera itu takut kalau-kalau Paulus diserang. Dia menyuruh askar-askar segera mengambil Paulus dengan paksaan dari tengah-tengah orang itu dan membawanya ke dalam kubu.

¹¹ Pada malam berikut itu Tuhan berdiri di sisinya dan berkata, “Tabahkanlah hatimu; kerana sebagaimana kamu telah bersaksi tentang-Ku dengan sungguh-sungguh di Yerusalem ini, begitulah kamu akan bersaksi di Roma pula.”

Pakatan Yahudi Yerusalem untuk membunuh Paulus

¹² Setelah hari siang, orang Yahudi membuat pakatan. Mereka bersumpah tidak akan makan dan minum hingga mereka membunuh Paulus.

¹³ Lebih empat puluh orang sepakat mengangkat sumpah itu. ¹⁴ Mereka semua menghadap ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat mereka lalu berkata, “Kami telah bersumpah tidak akan makan dan minum hingga kami membunuh Paulus itu. ¹⁵ Kamu dan ahli-ahli Majlis Agama tolonglah minta ketua pasukan tentera itu hadapkan Paulus kepada kamu esok, seolah-olah kerana kamu hendak meneliti perkara itu dengan lebih halus lagi. Kami akan

bersedia untuk membunuhnya sebelum dia sampai ke sini.”

¹⁶ Anak kepada saudara perempuan Paulus mendengar tentang pakatan itu lalu masuk ke kubu memberitahunya. ¹⁷ Paulus memanggil dan berkata kepada seorang ketua tentera, “Bawalah pemuda ini kepada ketua pasukan tentera kerana ada suatu perkara yang hendak dikatakan kepadanya.” ¹⁸ Pegawai itu membawa pemuda itu berjumpa ketuanya lalu berkata, “Paulus, orang yang terpenjara itu, memanggilku dan meminta pemuda ini dibawa berjumpa tuan kerana ada suatu perkara yang hendak dikatakannya kepada tuan.”

¹⁹ Ketua pasukan tentera memegang tangan pemuda itu dan membawanya ke tempat yang sunyi lalu bertanya, “Apa hal yang hendak kaukatakan kepadaku itu?”

²⁰ Pemuda itu berkata, “Orang Yahudi telah berpakat hendak meminta tuan membawa Paulus menghadap Majlis Agama esok, seolah-olah hendak meneliti halnya lebih halus lagi.

²¹ Janganlah tuan terperdaya oleh kata-kata mereka, kerana lebih empat puluh orang daripada mereka telah bersumpah tidak akan makan dan minum hingga mereka membunuh Paulus. Mereka akan membunuhnya sebelum dia sampai ke hadapan Majlis Agama itu. Sekarang

pun mereka semua sudah sedia menantikan tuan berjanji demikian.”

²² Ketua pasukan tentera itu menyuruh pemuda itu pulang setelah berpesan, “Jangan beritahu sesiapa pun bahawa kamu telah menyatakan hal ini kepadaku.”

Paulus dibawa ke Kaisarea

²³ Kemudian dia memanggil dua orang ketua tentera lalu berkata, “Lengkapkan dua ratus orang askar untuk pergi ke Kaisarea; askar bertombak dua ratus orang dan askar berkuda tujuh puluh. Mereka mesti bertolak pada jam ketiga malam ini.^v ²⁴ Sediakan juga kuda tunggang untuk membawa Paulus kepada Feliks, gabenor negeri,^w dengan selamat.” ²⁵ Ketua tentera itu menulis surat seperti yang berikut:

²⁶ “Salam daripadaku, Klaudius Lisias, kepada Feliks, gabenor yang amat mulia. ²⁷ Orang ini telah ditangkap oleh orang Yahudi. Mereka hendak membunuhnya, lalu aku datang dengan askar-askar dan menyelamatkannya. Aku mendapat tahu dia warga negeri Roma. ²⁸ Aku ingin mengetahui apa sebabnya dia dituduh

^v**23:23** Pukul sembilan malam.

^w**23:24** Atau: Pemerintah yang memerintah bagi pihak raja.

oleh bangsanya. Oleh itu, aku membawanya untuk menghadap Majlis Agama mereka.

²⁹ Aku mendapati dia tertuduh atas beberapa pertikaian tentang hukum agama; tetapi tiada suatu tuduhan pun yang patut dihukum bunuh atau penjara. ³⁰ Apabila aku diberitahu tentang suatu pakatan hendak membunuh orang ini, aku segera menghantarkannya kepada tuan. Aku berpesan kepada mereka yang menuduhnya supaya mendakwanya di hadapan tuan.”

³¹ Askar-askar mengambil Paulus sebagaimana diarahkan lalu membawanya pada waktu malam ke Antipatris. ³² Esoknya askar berkuda sahaja meneruskan perjalanan bersama Paulus manakala askar yang lain pulang ke kubu. ³³ Setelah sampai ke Kaisarea, surat itu dipersembahkan kepada gabenor dan Paulus pun dihadapkan kepadanya. ³⁴ Selepas membaca surat itu, gabenor itu bertanya kepada Paulus di mana negeri asalnya. Apabila dia mendengar bahawa Paulus orang Kilikia, ³⁵ dia berkata, “Aku akan mengadili perkara ini setelah pendakwa-pendakwa kamu sampai.” Kemudian dia mengarahkan supaya Paulus ditahan di dalam istana yang dahulu dibina oleh Herodes.

Paulus di hadapan Feliks

24 ¹ Selepas lima hari, Ananias imam besar datang ke Kaisarea dengan beberapa orang pemimpin masyarakat Yahudi dan seorang peguam bernama Tertulus. Mereka menuduh Paulus di hadapan gabenor^x itu. ² Setelah Paulus dipanggil hadir, Tertulus memulakan dakwaannya: “Feliks yang mulia, dengan limpah kurnia dan kebijaksanaanmu, kami hidup sejahtera dan menikmati perubahan yang baik di negeri ini. ³ Kami amat berterima kasih atas segala yang telah kamu lakukan. ⁴ Kerana tidak ingin mengambil terlalu banyak masamu, aku memohon kebaikan kamu untuk mendengar dakwaanku yang ringkas ini. ⁵ Kami telah mendapati orang ini pengacau dan menimbulkan huru-hara dalam kalangan orang Yahudi di serata dunia. Dialah pemimpin mazhab ajaran orang Nazaret itu. ⁶ Malah dia cuba menajiskan Bait Suci tetapi kami menangkapnya dan hendak mengadilinya menurut hukum kami. ⁷ Akan tetapi, ketua pasukan tentera Lisias datang lalu merampasnya daripada kami. ⁸ Dia mengarahkan kami, pendakwa-pendakwa orang ini, supaya menghadapmu. Jika kamu menyoal orang ini,

^x24:1 Atau: Pemerintah negeri.

kamu akan mendapati bahwa segala tuduhan kami ini benar.”⁹ Orang Yahudi turut serta menuduh Paulus, dan mengatakan bahwa segala yang dikatakan itu benar.

¹⁰ Setelah menerima isyarat daripada gabenor yang menyuruhnya bercakap, Paulus menjawab dakwaan itu demikian: “Aku tahu kamu telah lama menjadi hakim di negeri ini. Oleh itu, aku dengan senang hati mengadakan hal kepadamu.

¹¹ Hanya dua belas hari yang lalu aku telah pergi ke Yerusalem untuk beribadat. ¹² Aku tidak didapati berbincang dengan sesiapa atau menghimpunkan orang ramai itu untuk menimbulkan huru-hara, baik di Bait Suci, saumaah,^y atau di mana-mana di kota itu.

¹³ Para pendakwa juga tidak dapat membuktikan kepadamu segala tuduhan mereka terhadapku.

¹⁴ Aku mengaku di hadapanmu bahawa aku menyembah Allah nenek moyang kami, menurut Jalan Tuhan yang dianggap salah oleh mereka. Aku juga percaya dan berpegang kepada hukum Taurat, dan segala yang tersurat dalam kitab nabi-nabi. ¹⁵ Seperti mereka juga, aku berharap kepada Allah bahawa semua orang akan dibangkitkan daripada kematian kelak, sama ada

^y**24:12** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

orang benar ataupun orang jahat. ¹⁶ Oleh itu, aku sentiasa berusaha supaya hati nuraniku bersih daripada kesalahan kepada Allah dan kepada manusia.

¹⁷ Selepas beberapa tahun di tempat-tempat lain, aku ke Yerusalem membawa derma untuk bangsaku, dan mempersembahkan korban. ¹⁸ Mereka mendapati aku di dalam Bait Suci setelah aku menyucikan diri; aku tidak membawa kumpulan yang besar dan tidak mencetuskan huru-hara. ¹⁹ Ketika itu ada beberapa orang Yahudi dari Asia. Merekalah yang patut menghadap kamu di sini untuk mendakwa, kalaulah ada sesuatu yang patut didakwa tentang aku. ²⁰ Ataupun biarlah orang di sini menyatakan apa kesalahan yang didapati pada diriku ketika aku berdiri di hadapan majlis mereka itu. ²¹ Pada waktu itu aku hanya melafazkan kata-kata yang sama, iaitu, 'Tentang kebangkitan daripada kematianlah aku didakwa di hadapanmu pada hari ini.' "

²² Feliks menangguhkan perbicaraan walaupun dia memahami selok-belok agama berkenaan. Dia berkata, "Apabila Lisias, ketua pasukan tentera itu, datang nanti, aku akan menyelesaikan perkara ini." ²³ Dia mengarahkan ketua tentera

menahan Paulus tetapi secara longgar, dan membenarkan sahabat-sahabatnya membawa apa-apa untuknya.

²⁴ Beberapa hari kemudian, Feliks datang bersama isterinya Drusila, seorang Yahudi. Dia menyuruh orang memanggil Paulus lalu mendengar penerangannya tentang iman terhadap Kristus Yesus. ²⁵ Apabila Paulus bercakap tentang perbenaran,² tentang penguasaan diri, dan tentang hukuman yang akan datang pada hari kemudian, Feliks ketakutan lalu berkata, "Pergilah sekarang. Apabila ada kesempatan nanti, aku akan memanggilmu lagi."

²⁶ Dalam pada itu dia berharap Paulus akan memberikan wang kepadanya. Oleh itu, dia kerap kali menyuruh orang memanggil Paulus lalu bercakap dengannya.

²⁷ Dua tahun kemudian, Feliks digantikan oleh Perkius Festus. Feliks membiarkan Paulus terpenjara kerana hendak mengambil hati orang Yahudi.

²**24:25** Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

Penghakiman Paulus di hadapan Festus

25 ¹ Tiga hari selepas Festus tiba di wilayah itu, dia berangkat dari Kaisarea ke Yerusalem. ² Ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat Yahudi menuduh Paulus di hadapan Festus. ³ Mereka memohon jasa baik Festus menghantar Paulus ke Yerusalem kerana mereka telah berpakat hendak membunuhnya di pertengahan jalan. ⁴ Akan tetapi, Festus menjawab bahawa Paulus terpenjara di Kaisarea dan dia sendiri pun hendak segera ke sana. ⁵ Dia berkata, “Oleh itu, hendaklah orang yang berkuasa antara kamu berangkat ke sana bersamaku dan mendakwa orang itu, jika dia telah melakukannya.”

⁶ Setelah tinggal di Yerusalem kira-kira lapan atau sepuluh hari lagi, Festus pun berangkat ke Kaisarea. Pada esoknya dia duduk sebagai hakim di mahkamah lalu menyuruh orang membawa Paulus menghadapnya. ⁷ Setelah Paulus masuk, semua orang Yahudi yang datang dari Yerusalem itu berdiri mengelilinginya serta menuduhnya atas beberapa kesalahan yang berat, yang tidak dapat dibuktikan oleh mereka. ⁸ Kemudian Paulus membela dirinya sendiri dan berkata “Satu pun tiada kesalahanku, terhadap hukum

orang Yahudi, atau terhadap Bait Suci, atau terhadap Kaisar.”

⁹ Akan tetapi, Festus hendak mengambil hati orang Yahudi lalu bertanya kepada Paulus, “Mahukah kamu pergi ke Yerusalem supaya aku mengadakan perkaramu ini di sana?”

¹⁰ Paulus menjawab, “Aku sekarang berdiri di mahkamah Kaisar, dan di sinilah aku patut dibicarakan. Aku tidak pernah melakukan sesuatu yang buruk terhadap orang Yahudi, sebagaimana kamu terlebih maklum. ¹¹ Kalaulah aku bersalah, atau telah melakukan sesuatu yang patut aku dibunuh, aku tidaklah enggan mati; tetapi jika segala tuduhan mereka ke atas aku itu tidak benar, tiada seorang pun yang boleh menyerahkanku kepada mereka. Aku hendak mengadu kepada Kaisar.”

¹² Setelah berbincang dengan semua penasihatnya, Festus menjawab, “Kamu hendak mengadu kepada Kaisar; pergilah menghadap Kaisar!”

Festus berbincang dengan Raja Agripa

¹³ Beberapa hari kemudian, Raja Agripa berangkat bersama Bernike ke Kaisarea untuk merayakan kedatangan Festus. ¹⁴ Dalam beberapa hari raja itu tinggal di sana, Festus menceritakan hal Paulus kepadanya, “Di sini ada seorang

yang ditinggalkan oleh Feliks di dalam penjara.

¹⁵ Ketika aku di Yerusalem, ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat Yahudi menuduh orang itu dan meminta supaya dia dihukum.

¹⁶ Tetapi aku menjawab bahawa menurut adat orang Romawi, seseorang itu tidak boleh diserahkan sebelum berhadapan dengan pendakwaanya dan diberi peluang membela diri.

¹⁷ Apabila mereka datang ke sini, esoknya tanpa berlegang-legang aku duduk sebagai hakim dan mengarahkan supaya orang itu dibawa masuk ke mahkamah. ¹⁸ Para pendakwaanya mengemukakan tuduhan tetapi tiada satu pun merupakan perbuatan jahat sebagaimana aku jangkakan. ¹⁹ Semua tuduhan itu berlegar sekitar perselisihan tentang agama, tentang seorang bernama Yesus yang sudah mati dan dikatakan hidup semula oleh Paulus. ²⁰ Aku pun tidak tahu bagaimana hendak mengadili hal itu, lalu bertanya kalau dia mahu ke Yerusalem supaya dibicarakan di sana. ²¹ Tetapi Paulus meminta tangguh, hendak mengadukan halnya supaya dibicarakan di hadapan yang maha mulia Kaisar; lalu aku menyuruh dia dipenjarakan hingga aku menghantarnya kepada Kaisar.”

²² Agripa berkata, “Aku pun ingin mendengar orang itu.”

Festus menjawab, “Esok dapatlah kamu mendengarnya.”

Paulus di hadapan Agripa

²³ Pada esoknya Agripa dan Bernike berangkat dengan selengkap kebesarannya, masuk ke dalam balai mahkamah bersama para panglima dan orang yang terkemuka di kota itu. Dengan perintah Festus, Paulus dibawa masuk. ²⁴ Festus berkata, “Tuanku Raja Agripa dan sidang hadirin. Orang ini didakwa oleh semua orang Yahudi, baik yang di Yerusalem mahupun yang di sini. Mereka berteriak-teriak bahawa dia tidak patut dibiarkan hidup lagi. ²⁵ Tetapi pada pandangan aku, dia tidak melakukan apa-apa kesalahan yang patut dijatuhi hukuman mati. Oleh sebab dia sendiri hendak mengadukan halnya kepada yang maha mulia Kaisar, aku telah memutuskan akan menghantarnya kepada Kaisar. ²⁶ Namun demikian, tiada suatu pun yang pasti untuk aku tuliskan tentangnya kepada Kaisar. Itulah sebabnya aku membawanya menghadapmu, dan terutamanya Raja Agripa. Setelah dia disoal nanti, bolehlah didapati sesuatu untuk aku tuliskan. ²⁷ Pada pandanganku, tidaklah wajar menghantarkan seseorang untuk diadili tanpa menyatakan tuduhan ke atasnya dengan jelas.”

Paulus membela diri di hadapan Agripa

26 ¹ Setelah itu, Agripa berkata kepada Paulus, “Sekarang kamu diberi izin untuk membela dirimu.” Paulus pun memberikan isyarat dengan tangannya lalu membela dirinya demikian,

² “Tuanku Raja Agripa, aku berasa bahagia kerana dapat menjawab tuduhan orang Yahudi ke atasku di hadapan kamu pada hari ini; ³ lebih-lebih lagi kerana kamu memahami adat dan perselisihan yang berlaku dalam kalangan orang Yahudi. Oleh itu, aku memohon kamu mendengarku dengan sabar.

⁴ Semua orang Yahudi telah maklum tentang cara hidupku dari muda lagi, ketika di negeriku dan kemudiannya di Yerusalem. ⁵ Dari mulanya mereka telah mengenaliku, kalaulah mereka mahu bersaksi. Mereka tahu bahawa aku menurut ajaran yang paling keras dalam agama kami kerana aku hidup sebagai orang Farisi.

⁶ Sekarang pun aku berdiri di sini dan didakwa kerana aku berharap akan janji Allah kepada nenek moyang kami. ⁷ Dua belas suku bangsa kami tekun menyembah Allah siang malam dan berharap akan janji itu juga. Oleh sebab harapan

inilah, aku dituduh oleh orang Yahudi. ⁸ Jika benar Allah membangkitkan orang daripada kematian, mengapakah pada hematmu hal itu tidak dapat dipercayai orang?

⁹ Satu masa dahulu, pada perasaan hatiku, wajar sekali aku mengambil pelbagai tindakan terhadap nama Yesus orang Nazaret itu; ¹⁰ dan aku sudah pun berbuat demikian di Yerusalem. Setelah mendapatkan kuasa daripada ketua-ketua imam, aku telah memenjarakan ramai orang yang salih; dan apabila mereka dibunuh, aku menyetujui pembunuhan itu. ¹¹ Kerap kali di saumaah^a aku menyiksa mereka dalam usaha memaksa mereka berpaling daripada iman; dan oleh sebab terlalu berang terhadap mereka, aku memburu mereka hingga ke negeri asing.”

¹² “Pada suatu hari sedang aku dalam perjalanan ke Damsyik, dengan membawa surat kuasa daripada ketua-ketua imam, ¹³ pada waktu tengah hari, aku melihat di tengah jalan suatu cahaya dari langit, lebih terang daripada sinar matahari, bersinar mengelilingiku dan semua orang yang berjalan bersamaku. ¹⁴ Kami semua rebah ke bumi, lalu aku mendengar suatu

^a**26:11** Saumaah: Tempat ibadat bani Israel. Juga dikenali sebagai rumah ibadat.

suara berkata dalam bahasa Ibrani kepadaku, 'Saul, Saul, mengapa engkau menganiaya Aku? Sukarlah bagimu, seperti menendang sesuatu yang tajam.' ¹⁵ Aku bertanya, 'Siapakah Engkau, Tuan?' Jawab Tuhan, 'Akulah Yesus yang kauaniayakan. ¹⁶ Tetapi bangunlah, berdirilah. Aku menampakkan diri kepadamu untuk melantikmu sebagai hamba-Ku dan saksi terhadap apa yang engkau lihat tentang-Ku, dan tentang apa yang akan Kutunjukkan lagi kepadamu. ¹⁷ Aku akan menyelamatkanmu daripada orang Yahudi dan bangsa lain juga. Aku akan mengutusmu kepada mereka, ¹⁸ untuk mencelikkan mata mereka dan membawa mereka daripada kegelapan kepada cahaya, daripada kuasa Iblis kepada kuasa Allah. Dengan demikian mereka akan menerima pengampunan dosa dan tempat antara orang yang disucikan oleh iman kepada-Ku.' "

¹⁹ "Oleh itu, Tuanku Raja Agripa, aku dengan sepenuh rela menurut perintah dari penglihatan yang datang dari syurga itu. ²⁰ Aku telah menyampaikan kepada semua orang di Damsyik, Yerusalem dan seluruh Yudea, juga kepada orang bangsa asing, bahawa mereka hendaklah bertaubat dan berpaling kepada Allah serta

berkelakuan selaras dengan pertaubatan itu.

²¹ Itulah sebabnya orang Yahudi menangkapku di dalam Bait Suci, serta mencari jalan hendak membunuhku. ²² Tetapi hingga saat ini Allah

telah menolongku dan aku berdiri di sini sambil bersaksi kepada orang besar dan orang biasa, dengan mengatakan perkara yang telah dinubuatkan oleh nabi-nabi dan oleh Musa:

²³ iaitu Kristus pasti mengalami kematian dan menjadi orang yang pertama bangkit daripada kematian. Dengan demikian Dia mengisytiharkan penyelamatan kepada orang Yahudi dan bangsa lain, penyelamatan yang seperti cahaya bagi semua.”

²⁴ Sedang Paulus menegaskan pembelaannya demikian, Festus berkata dengan suara nyaring, “Kamu gila, Paulus; ilmu yang terlalu banyak menjadikan kamu gila.” ²⁵ Paulus menjawab,

“Aku bukannya gila, Festus yang mulia. Aku mengatakan perkara yang benar dan bijaksana.

²⁶ Tuanku Raja Agripa, aku berani berkata-kata di hadapanmu dengan bebas kerana aku tahu dalam hati bahawa kamu faham akan perkara-perkara ini, memandangkan segalanya tidaklah berlaku di tempat yang tersembunyi. ²⁷ Tuanku Raja Agripa,

percayakah kamu akan kata nabi-nabi itu? Aku tahu bahawa kamu percaya.”

²⁸ Agripa berkata kepada Paulus, “Dengan sepatah dua katamu, kausangka dapat menjadikanku orang Kristian?”

²⁹ Paulus menjawab, “Sepatah dua atau banyak, aku berdoa kepada Allah, mudah-mudahan kamu dan sekalian yang mendengar kata-kataku hari ini akan menjadi sama sepertiku, cuma tidak diikat dengan rantai.”

³⁰ Raja Agripa, Festus gabenor Kaisarea, Bernike dan semua yang bersama mereka, ³¹ berangkat keluar dari mahkamah sambil berbincang. Seorang daripada mereka berkata, “Orang itu tidak melakukan apa-apa yang menyebabkan dia patut dibunuh atau dipenjara.” ³² Agripa berkata kepada Festus, “Orang ini boleh dibebaskan, kalau tidak kerana dia hendak mengadukan halnya kepada Kaisar.”

Pelayaran Paulus ke Roma

27 ¹ Setelah diputuskan bahawa kami akan belayar ke Itali, Paulus dan beberapa orang tahanan diserahkan kepada seorang ketua tentera dari Rejimen Kaisar, bernama Yulius. ² Kami menaiki sebuah kapal yang datang dari Adramitium dan hendak menyusur teluk rantau tanah Asia. Aristarkhus, orang

Makedonia dari Tesalonika, menyertai kami.

³ Esoknya kami singgah di Sidon. Yulius berasa kasihan dan melayani Paulus dengan baik serta membenarkannya bertemu dengan sahabat-sahabatnya untuk mendapatkan apa-apa yang diperlukannya. ⁴ Kemudian kami belayar menyusur Siprus di sebelah bawah angin, kerana ketika itu angin bertiup ke arah yang bertentangan dengan hala tujuan kami. ⁵ Setelah menyeberang laut Kilikia dan Pamfilia, kami sampai ke Mira di Tanah Likia. ⁶ Di sana ketua tentera Kaisar itu mendapati sebuah kapal dari Aleksandria^b yang hendak belayar ke Itali, lalu dia menumpangkan kami dalam kapal itu.

⁷ Kami belayar dengan lambat dan susah payah kerana melawan arah tiupan angin. Selepas beberapa hari, kami tiba di kota Knidus. Oleh sebab masalah angin itu, kami belayar ke selatan Pulau Kreta, melalui Salmone. ⁸ Dengan susah payah juga kami menyusur pulau itu, lalu sampai ke tempat yang bernama Lindungan Indah, berdekatan Lasea.

⁹ Beberapa hari kemudian, keadaan kian berbahaya untuk meneruskan pelayaran. Hari Puasa orang Yahudi pun sudah berlalu. Paulus mengingatkan ketua tentera itu, ¹⁰ “Saudara-

^b27:6 Nama lain: Iskandaria.

saudara, pada pandanganku, jika kita belayar, banyak bencana dan kerugian akan menimpa, bukan sahaja kapal ini dan muatannya malah nyawa kita juga.”¹¹ Tetapi ketua tentera itu lebih mempercayai kata pengemudi dan pemilik kapal itu daripada kata Paulus.¹² Pelabuhan itu memang tidak selesa untuk tinggal sepanjang musim dingin. Oleh itu, kebanyakan mereka hendak meneruskan pelayaran dengan harapan akan sampai ke Feniks lalu tinggal di situ, di pelabuhan di Pulau Kreta yang menghadap barat daya dan barat laut.

Kapal terkandas

¹³ Apabila bertiup angin selatan sepoi-sepoi bahasa, sangka mereka telah tercapailah hasrat mereka. Mereka pun membongkar sauh lalu menyusur Pulau Kreta.¹⁴ Tidak berapa lama kemudian, angin ribut yang bergelar Timur Laut membadai dari arah pulau itu.¹⁵ Kapal kami dipukul ribut dan tidak terdaya belayar melawan arah angin. Kami pun membiarkannya berhanyut,¹⁶ sampai ke selatan sebuah pulau kecil bernama Kauda. Dengan susah payah kami menyelamatkan sekoci kapal itu.¹⁷ Setelah dinaikkan sekoci itu ke kapal, diusahakan memperkukuh kapal itu dengan ikatan tali. Oleh sebab takut terdampar ke tebing Sirtis, layar

diturunkan dan kapal itu dibiarkan mengikut angin. ¹⁸ Kami begitu teruk dipukul ribut sehingga esoknya muatan kapal mula dibuang ke laut; ¹⁹ dan lusanya sebahagian alat kapal itu pula dibuangkan. ²⁰ Beberapa hari kami tidak melihat matahari dan bintang serta dipukul ribut yang dahsyat; akhirnya putuslah harapan kami diselamatkan.

²¹ Sekian lama orang di dalam kapal itu tidak makan, lalu Paulus berdiri dan berkata, "Saudara-saudara, sepatutnya dahulu saudara-saudara menurut kataku, jangan belayar meninggalkan Kreta, nanti ditimpa bencana dan kerugian demikian. ²² Sekarang aku berkata kepada saudara-saudara, tabahkanlah hati masing-masing, kerana seorang pun tidak akan kehilangan hidup, hanya kapal ini tidak dapat diselamatkan. ²³ Malam tadi, di sisi aku terdiri malaikat daripada Allah yang memiliki seluruh diriku dan yang aku sembah. ²⁴ Malaikat itu berkata, 'Paulus, jangan takut. Engkau pasti akan berdiri di hadapan Kaisar. Semua yang belayar bersamamu akan diselamatkan juga sebagai kurnia Allah kepadamu.' ²⁵ Oleh itu, saudara-saudara, tabahkanlah hati masing-masing. Aku percaya akan Allah dan janji-Nya yang disampaikan kepadaku itu. ²⁶ Tetapi tidak

dapat dielakkan, kita akan terdampar di sebuah pulau.”

²⁷ Sampai ke malam yang keempat belas kami masih berhanyut dalam Laut Adria. Kira-kira tengah malam, anak kapal merasakan kami sudah hampir ke darat. ²⁸ Mereka membuang batu duga untuk mengukur dalamnya laut, didapatinya dua puluh depa;^c kemudian, apabila diduga lagi, didapatinya lima belas depa dalamnya. ²⁹ Mereka takut kalau-kalau terdampar pada batu karang, lalu mereka menurunkan empat sauh dari buritan kapal serta berdoa untuk tibanya hari siang.

³⁰ Ketika itu anak kapal hendak menyelamatkan diri sendiri. Mereka menurunkan sekoci ke laut dengan berpura-pura hendak menurunkan sauh di haluan kapal. ³¹ Paulus pun berkata kepada ketua tentera dan askar-askar, “Jika mereka itu meninggalkan kapal, saudara-saudara tidak akan selamat.” ³² Oleh itu askar mengerat tali sekoci dan membiarkannya hanyut.

³³ Sementara menunggu hari siang, Paulus meminta semua orang makan. Dia berkata, “Sekarang sudah empat belas hari saudara-saudara berlapar. ³⁴ Aku meminta kepada sekalian, makanlah sesuatu, kerana itulah yang

^c**27:28** Depa: Ukuran panjang antara kedua-dua hujung tangan yang didepangkan kira-kira enam kaki.

akan membuat saudara-saudara selamat. Tiada seorang pun antara kita yang akan binasa sehelai rambutnya pun.”³⁵ Setelah berkata demikian, Paulus mengambil roti lalu mengucapkan syukur kepada Allah di hadapan semua. Kemudian dia membahagi roti itu lalu makan.³⁶ Masing-masing pun berasa bersemangat lagi lalu makan bersama-sama.³⁷ Bilangan kami yang ada di dalam kapal itu dua ratus tujuh puluh enam jiwa.³⁸ Setelah kenyang sekaliannya, kapal itu diringankan lagi dengan membuang gandum ke laut.

³⁹ Apabila hari siang, mereka melihat daratan yang tidak dikenali; di situ ada teluk yang berpantai rata lalu mereka bercadang hendak mengandaskan kapal itu ke situ.⁴⁰ Mereka memotong tali sauh dan membiarkannya tenggelam di laut. Selepas itu, mereka melucutkan tali kemudi lalu menaikkan layar di haluan supaya angin meniup kapal itu menuju ke pantai.⁴¹ Kapal itu terlanggar busung pasir lalu terkandas haluannya, dan tidak dapat bergerak manakala buritannya pecah dipukul gelombang.

⁴² Askar-askar mula berura-ura hendak membunuh semua orang tahanan supaya tiada seorang pun berenang melarikan diri.⁴³ Tetapi ketua tentera itu hendak menyelamatkan Paulus lalu melarang askar-askarnya berbuat demikian.

Dia menyuruh mereka yang tahu berenang terjun dahulu dan berenang ke darat.⁴⁴ Yang lain berpegang kepada papan atau pecahan-pecahan kapal. Dengan demikian semuanya selamat naik ke darat.

Paulus di Pulau Malta

28¹ Setelah mendarat dengan selamat, barulah kami mendapat tahu bahawa pulau itu bernama Malta.² Penduduk pulau itu sangat berbelas ihsan kepada kami. Mereka menyalakan api dan menyambut kami sekalian masuk berlindung daripada hujan dan kesejukan.³ Paulus memungut ranting dan apabila dia meletakkannya di atas api, seekor ular kapak keluar melarikan diri daripada kepanasan itu lalu memagut tangan Paulus.⁴ Apabila penduduk pulau itu melihat ular tersebut pada tangan Paulus, mereka berkata sama sendiri, “Tentu dia ini seorang pembunuh; sungguhpun dia selamat daripada bahaya laut, tetapi Dewi Keadilan tidak membiarkan dia hidup.”⁵ Paulus melepaskan ular itu ke dalam api tanpa mengalami sebarang kecederaan.⁶ Semuanya menantikan kalau-kalau dia naik bengkak atau rebah mati; tetapi lama mereka menanti-nanti, tidak juga mereka melihat apa-apa bencana menyimpannya. Sangkaan

mereka pun berubah, lalu mengatakan Paulus itu seorang dewa.

⁷ Di daerah itu ada tanah yang dipunyai oleh seorang bernama Publius, penguasa pulau itu. Dia menyambut kami dan melayani kami selama tiga hari dengan budi bahasa yang baik.

⁸ Ketika itu bapa Publius terlantar menghidap demam dan mengalami cirit-birit. Paulus masuk menghampirinya lalu berdoa sambil meletakkan tangan ke atasnya dan menyembuhkannya.

⁹ Selepas itu, beberapa orang yang menghidap penyakit di pulau itu datang berjumpa Paulus, lalu dia menyembuhkan mereka. ¹⁰ Mereka menunjukkan penghargaan yang tinggi kepada kami; dan apabila kami hendak belayar, mereka membawa pelbagai barang yang berguna ke dalam kapal sebagai bekalan untuk kami.

Paulus tiba di Roma

¹¹ Tiga bulan kemudian, kami belayar dalam sebuah kapal bernama Dioskuri yang mempunyai lambang, “Dewa Kembar.” Kapal itu datang dari Aleksandria^d dan berlabuh di pulau itu sepanjang musim dingin. ¹² Kami singgah di Sirakusa lalu tinggal di sana tiga hari, ¹³ kemudian belayar ke kota Regium. Esoknya angin mula

^d**28:11** Nama lain: Iskandaria.

bertiup dari selatan dan lusanya kami sampai ke Putioli. ¹⁴ Di sana kami bertemu dengan saudara-saudara seiman lalu menerima ajakan tinggal bersama mereka selama tujuh hari. Kemudian sampailah kami ke Roma. ¹⁵ Para murid Yesus di Roma mendengar khabar tentang kami lalu datang dari sana sampai ke Pasar Apius dan Rumah Penginapan Tiga untuk bertemu dengan kami. Apabila Paulus melihat mereka, dia mengucapkan syukur kepada Allah dan menjadi tabah.

¹⁶ Di Roma Paulus dibenarkan tinggal seorang diri, hanya dijaga oleh seorang askar.

Khutbah Paulus di Roma

¹⁷ Tiga hari kemudian, Paulus meminta para pemimpin masyarakat Yahudi datang berjumpa dengannya. Dia berkata kepada mereka, “Saudara-saudara, sungguhpun aku tidak melakukan sebarang kesalahan terhadap bangsa kita atau melanggar adat nenek moyang kita, namun aku ditahan di Yerusalem lalu diserahkan ke tangan orang Romawi. ¹⁸ Mereka memeriksa perkaraku dan hendak membebaskanku kerana mereka mendapati aku tidak melakukan satu kesalahan pun yang patut dihukum mati.

¹⁹ Apabila orang Yahudi menentang keputusan itu, terpaksa aku meminta hendak mengadu kepada Kaisar; tetapi bukanlah kerana hendak mengajukan apa-apa dakwaan terhadap bangsa kita. ²⁰ Itulah sebabnya aku meminta saudara-saudara bertemu dan bercakap dengan aku. Aku dibelenggu begini kerana Dia yang diharapkan oleh orang Israel.”

²¹ Mereka berkata kepada Paulus, “Kami belum mendapat surat dari Yudea tentang saudara. Tiada seorang pun yang datang ke sini menyebutkan apa-apa kesalahan saudara.

²² Tetapi kami ingin mendengar pendapat saudara, kerana kami tahu orang di serata tempat mencela ajaran yang saudara anuti.”

²³ Mereka menetapkan hari untuk bertemu lagi dengan Paulus. Pada hari itu lebih ramai lagi yang datang ke tempat dia menumpang itu. Dia menerangkan segala-galanya, bersaksi tentang kerajaan Allah dan berusaha meyakinkan mereka tentang Yesus dengan menunjukkan bukti dalam Taurat Musa dan tulisan para nabi, dari pagi hingga ke malam. ²⁴ Ada yang percaya akan katanya itu dan ada yang tidak.

²⁵ Mereka pergi dari situ dengan pendapat yang bercanggah sesama sendiri, setelah Paulus

berkata, “Benarlah apa yang dikatakan oleh Roh Kudus melalui Nabi Yesaya kepada nenek moyang kita,

²⁶ ‘Pergilah kepada bangsa ini dan katakan: Kamu akan mendengar tetapi tidak mengerti; Kamu terus melihat tetapi tidak mengetahui.

²⁷ Kerana hati umat ini telah buntu, mereka pekakkan telinga, dan pejamkan mata.

Kalau tidak demikian, mereka tentu melihat dengan mata,

mendengar dengan telinga, dan mengerti dengan hati,

lalu berpaling kepada-Ku dan Aku menyembuhkan mereka.’ ”

²⁸ Paulus berkata, “Saudara-saudara, ketahuilah: perkhabaran tentang penyelamatan yang dikurniakan Allah sekarang telah disampaikan kepada orang bangsa asing. Merekalah yang akan menerimanya.” ²⁹ Setelah Paulus berkata demikian, orang Yahudi meninggalkan tempat itu sambil bertengkar hebat sesama mereka.

³⁰ Paulus tinggal selama dua tahun di rumah yang disewanya sendiri. Dia menyambut semua yang mengunjunginya ³¹ dan menyampaikan

ajaran tentang kerajaan Allah serta Tuhan Yesus Kristus dengan berani dan bebas, tiada siapa yang menghalangnya.

ROMA

1 ¹ Daripada Paulus, hamba Kristus Yesus yang dipanggil untuk menjadi rasul, dan dipilih khas untuk menyebarkan Injil daripada Allah.

² Injil ini telah dijanjikan-Nya dahulu melalui nabi-nabi-Nya, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, ³ iaitu tentang Anak-Nya. Sebagai manusia Dia telah dilahirkan daripada keturunan Daud, ⁴ namun dengan Roh Kudus, Dia telah diisytiharkan melalui kuasa yang besar sebagai Anak Allah, iaitu dengan kebangkitan-Nya daripada kematian. Dialah Yesus Kristus, Tuhan kita. ⁵ Melalui Yesus Kristus dan demi nama-Nya, kami diberi kasih kurnia dan jawatan rasul untuk menyeru manusia daripada segala suku bangsa supaya taat dalam iman kepada-Nya. ⁶ Kamu juga termasuk dalam golongan itu, kerana Allah telah memanggilmu menjadi milik Yesus Kristus.

⁷ Aku menulis kepada kamu sekalian di Roma^e, yang dikasihi oleh Allah dan dipanggil menjadi orang salih.

^e**1:7** Dlm bhs Melayu, Roma yang berasal daripada bhs Itali, lazimnya disebut Rom.

Semoga Allah Bapa kita dan Tuhan Yesus Kristus memberimu kasih kurnia dan damai sejahtera.

Paulus ingin pergi ke Roma

⁸ Pertama sekali, aku bersyukur kepada Allahku melalui Yesus Kristus kerana kamu sekalian, disebabkan seluruh dunia memperkatakan imanmu. ⁹ Allah, yang kusembah sepenuh hati dalam penyebaran Injil Anak-Nya, menjadi saksi bahawa aku sentiasa menginglatimu ¹⁰ dalam doaku, dan memohon semoga dengan izin Allah aku dapat mengunjungimu. ¹¹ Aku sungguh ingin berjumpa dengan kamu untuk menyampaikan sesuatu pemberian rohani bagi menguatkanmu; ¹² maksudku, supaya kita saling meneguhkan semangat: aku mendapat keteguhan daripada imanmu, dan kamu daripada imanku.

¹³ Ketahuilah wahai saudara-saudaraku, aku telah merancang berkali-kali untuk mengunjungimu, namun hingga kini ada sahaja aral melintang. Aku ingin agar pelayananku dalam kalanganmu membuah hasil, seperti dalam kalangan bangsa asing yang lain. ¹⁴ Aku memikul kewajiban terhadap orang Yunani dan yang bukan orang Yunani, yang bertamadun dan

yang tidak bertamadun, yang berpendidikan dan yang tidak berpendidikan. ¹⁵ Inilah sebabnya aku amat ingin dan bersedia menyampaikan Injil dalam kalanganmu yang di Roma juga.

¹⁶ Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil, kerana Injil adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman, mula-mula kepada orang Yahudi kemudian kepada orang Yunani. ¹⁷ Kerana di dalamnya perbenaran Allah^f dinyatakan dari iman ke iman, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci: “Orang benar akan hidup dengan iman.”

Murka Allah terhadap manusia

¹⁸ Kemurkaan Allah ternyata dari syurga terhadap segala kefasiqan dan kedurjanaan yang dilakukan oleh manusia, yang menyembunyikan kebenaran dengan kedurjanaan, ¹⁹ kerana segala yang mungkin diketahui oleh manusia tentang Allah telah nyata bagi mereka; Allah sendiri telah menyatakannya kepada mereka. ²⁰ Sejak dunia diciptakan, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan,

^f**1:17** Istilah ‘perbenaran’ mempunyai beberapa maksud. Dlm ayat ini, rangkaian kata ‘perbenaran Allah’ merujuk kepada tindakan Allah yang benar untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinkan seorang berdosa berbaik semula dengan-Nya.

iaitu kuasa-Nya yang kekal dan keilahian-Nya, semuanya jelas ternyata serta difahami melalui segala ciptaan-Nya. Oleh itu, mereka tidak dapat berdalih lagi. ²¹ Walaupun mereka telah mengenal Allah, mereka tidak memuliakan-Nya sebagai Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya. Sebaliknya mereka memikirkan yang sia-sia dan hati mereka yang tolol diliputi kegelapan. ²² Mereka mengaku diri bijaksana, tetapi sebenarnya mereka tolol. ²³ Mereka berpaling daripada kemuliaan Allah yang kekal abadi lalu menyembah patung-patung yang diperbuat seperti bentuk manusia yang fana, burung, haiwan berkaki empat dan binatang yang menjalar.

²⁴ Oleh itu, Allah membiarkan mereka menurut keinginan hati mereka melakukan pelbagai noda, maka mereka mencemari tubuh sesama sendiri.

²⁵ Mereka merangkul yang palsu dan berpaling daripada kebenaran Allah serta memuja dan menyembah makhluk ciptaan dan bukan Pencipta yang patut dipuji selama-lamanya. Amin.

²⁶ Itulah sebabnya Allah membiarkan mereka didorong hawa nafsu yang keji. Kaum wanita

mereka pun berpaling daripada yang tabii⁸ kepada yang di luar tabii. ²⁷ Demikian juga kaum lelaki. Mereka berpaling daripada hubungan tabii dengan wanita dan dibakar nafsu keberahian terhadap sama sejenis. Lelaki dengan lelaki melakukan perkara yang aib, lalu menerima dalam diri mereka hukuman yang setimpal.

²⁸ Oleh sebab mereka enggan mengenal Allah, maka Allah membiarkan mereka dikuasai fikiran yang hina, sehingga mereka melakukan perkara-perkara yang tidak wajar. ²⁹ Mereka dipenuhi segala kemungkaran, kedurjanaan, ketamakan dan kecabulan. Mereka diselubungi hasad dengki, pembunuhan, persengketaan, penipuan dan niat durjana. Mereka pengumpat, penyebar fitnah, ³⁰ pembenci Allah, biadab, angkuh, bercakap besar, pereka perkara durjana, ingkar kepada ibu bapa, ³¹ tidak tahu membezakan buruk dan baik, tidak boleh dipercayai, tidak mengasihi, tidak berhati perut, tidak mempunyai belas kasihan. ³² Mereka mengetahui hukum Allah yang adil, iaitu sesiapa yang melakukan perkara demikian wajar dihukum mati. Namun demikian, mereka bukan sahaja melakukannya malah juga menyokong orang lain yang mengamalkannya.

⁸**1:26** Tabii membawa maksud mengikut sifat keadaan, pembawaan yang asli atau tabiat semula jadi.

Hukuman Allah yang adil

2¹ Oleh itu, kamu tidak boleh berdalih, hai manusia walau siapa pun kamu, apabila kamu menghakimi orang. Pada waktu kamu hakimi orang lain, kamu juga menjatuhkan hukuman kepada dirimu sendiri; kerana kamu yang menghakimi juga melakukan perkara yang sama. ² Tetapi kita tahu bahawa hukuman Allah berdasarkan kebenaran dan dijatuhkan ke atas mereka yang mengamalkan perkara demikian. ³ Wahai manusia, apabila kamu menghakimi orang yang mengamalkan perkara demikian sedangkan kamu sendiri melakukannya juga, adakah kamu sangka kamu akan terlepas daripada hukuman Allah? ⁴ Atau adakah kamu memperkecil kebaikan, kemurahan serta kesabaran Allah yang amat besar, dan tidak tahu bahawa kebaikan Allah membawamu ke pintu taubat? ⁵ Dengan hati batumu yang tidak bertaubat, kamu mengumpul musibah kemurkaan Allah yang akan menimpamu pada hari kemurkaan dan ternyata hukuman Allah yang adil. ⁶ Allah akan “membalas kepada setiap orang setimpal dengan perbuatannya.” ⁷ Bagi mereka yang terus berbuat baik dengan sabar

demi mendapatkan kemuliaan, kehormatan dan keabadian, Dia akan memberikan hidup yang kekal; ⁸ manakala bagi mereka yang mementingkan diri dan tidak taat akan kebenaran tetapi menjunjung kedurjanaan, maka kemarahan dan kemurkaan Allah akan menimpa mereka. ⁹ Kesusahan dan kesengsaraan akan menimpa diri setiap orang yang melakukan kedurjanaan: mula-mula kepada orang Yahudi, kemudian kepada orang Yunani; ¹⁰ tetapi kemuliaan, kehormatan dan kesejahteraan akan dicurahkan kepada setiap orang yang berbuat baik: mula-mula orang Yahudi, kemudian orang Yunani juga. ¹¹ Allah tidak menghakimi berat sebelah.

¹² Sekalian yang telah melakukan dosa tanpa mengenal hukum Taurat akan binasa tanpa hukum Taurat. Sekalian yang melakukan dosa sedangkan mereka mengenal hukum Taurat akan dihakimi menurut hukum Taurat. ¹³ Sebabnya orang yang benar di mata Allah bukanlah mereka yang mendengar hukum Taurat, tetapi mereka yang mengamalkan ajarannya. ¹⁴ Apabila orang bukan orang Israel, yang tidak mempunyai hukum Taurat, secara tabii melakukan perkara-perkara yang terkandung dalam hukum Taurat, maka

mereka ini adalah hukum bagi diri mereka sendiri. ¹⁵ Hukum itu tersurat dalam hati mereka dan hati nurani mereka juga naik saksi. Fikiran mereka menuduh atau membela mereka, ¹⁶ pada hari Allah menghakimi segala rahsia manusia melalui Kristus Yesus, menurut Injil yang kuberitakan.

Orang Yahudi dan Taurat Musa

¹⁷ Kamu memanggil dirimu orang Yahudi, dan bergantung kepada hukum Taurat serta berbangga kerana hubunganmu dengan Allah. ¹⁸ Kamu mengetahui kehendak-Nya, dan menyokong segala yang baik, kerana kamu telah diajarkan hukum Taurat. ¹⁹ Kamu yakin bahawa kamulah yang memimpin orang buta, yang menerangi orang dalam kegelapan, ²⁰ yang mengajar orang bodoh, yang mengasuh anak kecil, kerana kamu mempunyai garis-garis ilmu dan kebenaran dalam hukum Taurat. ²¹ Dengan demikian, kamu yang mengajar orang lain, tidakkah kamu mengajar diri sendiri? Kamu yang berkhotbah melarang orang mencuri, adakah kamu sendiri mencuri? ²² Kamu yang berkata, "Jangan berzina," adakah kamu melakukan zina? Kamu yang membenci berhala, adakah kamu merompak tempat ibadat? ²³ Kamu yang berbangga dengan hukum Taurat, adakah kamu

menghina Allah dengan melanggar hukum itu?
²⁴ “Nama Allah dikufuri dalam kalangan bangsa asing akibat perbuatanmu” – demikianlah yang telah tersurat.

²⁵ Persunatan memang bermanfaat jika kamu taat akan hukum Taurat; tetapi sekiranya kamu melanggar hukum Taurat, batallah persunatan itu. ²⁶ Oleh yang demikian, jika seorang yang tidak bersunat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam hukum Taurat, tidakkah dia dikira sebagai telah bersunat? ²⁷ Jika orang tidak bersunat mematuhi hukum Taurat, tidakkah dia menghakimi kamu kerana walaupun kamu mempunyai hukum bertulis dan persunatan namun kamu melanggar hukum itu? ²⁸ Seseorang dikira Yahudi bukanlah berasaskan keadaan lahiriah; dan persunatan bukanlah bergantung pada keadaan jasmani. ²⁹ Seseorang dikira orang Yahudi berasaskan keadaan batiniah; dan persunatan adalah dalam hati dan bersifat rohani bukan mengikut hukum yang tersurat dalam Taurat. Orang sedemikian mendapat pujian bukan daripada manusia tetapi daripada Allah.

Kesetiaan Allah

3¹ Oleh itu, apakah kelebihan seorang Yahudi, dan apakah manfaat persunatan? ² Sungguh banyak dalam segala hal! Terutamanya kerana Firman Allah dipercayakan kepada mereka. ³ Jika sesetengah mereka tidak beriman, adakah ini menjadikan kesetiaan Allah tidak berkesan? ⁴ Sama sekali tidak! Allah tetap benar biarpun setiap manusia itu pembohong. Sebagaimana tersurat:

“Supaya Engkau didapati benar dalam
kata-kata-Mu,
dan akan menang apabila Engkau dihakimi.”

⁵ Tetapi jika kemungkarannya menunjukkan perbenaran Allah,^h apa yang harus kita katakan? Adakah Allah tidak adil menimpakan kemurkaannya? (Aku bercakap sebagai seorang manusia.)

⁶ Sama sekali tidak! Kerana jika demikian, bagaimana Allah dapat menghakimi dunia!

⁷ Jika kebenaran Allah bertambah kerana aku mendustai kemuliaannya, mengapa aku tetap

^h**3:5,21,22** Istilah ‘perbenaran’ mempunyai beberapa maksud. Dlm ayat ini, rangkaian kata ‘perbenaran Allah’ merujuk kepada tindakan Allah yang benar untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinan manusia berbaik semula dengan-Nya.

dihakimi sebagai orang berdosa? ⁸ Dan mengapa tidak dikatakan, “Mari kita berbuat jahat supaya hasilnya baik.” Demikian orang memfitnahkan kita berkata dan sesetengahnya menegaskan bahawa kita berkata begitu. Hukuman atas mereka itu memang wajar.

Semua manusia berdosa

⁹ Jadi bagaimana? Adakah kita lebih baik daripada mereka? Tidak sekali-kali. Kerana dahulu kita telah mengatakan bahawa baik orang Yahudi mahupun orang Yunani, semuanya berada di bawah kuasa dosa. ¹⁰ Sebagaimana tersurat:

“Tiada yang benar, seorang pun tidak.

¹¹ Tiada yang mengerti,
tiada yang mencari Allah.

¹² Semuanya telah berpaling,
semuanya tidak berguna;
tiada yang berbuat baik,
tiada seorang pun.

¹³ Kerongkong mereka seperti kubur terbuka;
tipu daya mengalir dari lidah mereka;
dan racun ular kapak berbisa di bawah bibir
mereka

3:10: Mzm 14:1-3; 53:1-3.

3:13 a: Mzm 5:9; **b:** Mzm 140:3.

¹⁴ Mulut mereka penuh sumpah seranah dan kepahitan.

¹⁵ Kaki mereka cepat menumpahkan darah.

¹⁶ Kemusnahan dan kesengsaraan mereka
timbulkan merata-rata,

¹⁷ sedangkan jalan damai tidak dikenal mereka.

¹⁸ Rasa takut terhadap Allah tiada dalam jiwa mereka.”

¹⁹ Kita tahu bahawa segala yang tersurat dalam Taurat adalah bagi mereka yang hidup di bawah Taurat. Oleh itu, tiada siapa pun dapat berdalih dan seluruh umat manusia akan dihakimi oleh Allah. ²⁰ Oleh itu, tiada siapa pun akan diperbenar di mata Allah kerana mengamalkan hukum Taurat. Sebaliknya hukum Taurat hanya menyedarkan manusia bahawa mereka berdosa.

Manusia diperbenar kerana iman

²¹ Tetapi sekarang, tanpa hukum Taurat, perbenaran Allah telah dinyatakan. Hukum Taurat dan para nabi telah memberikan kesaksian tentang hal itu. ²² Perbenaran Allah hanya melalui iman kepada Yesus Kristus bagi semua yang percaya. Hal ini berlaku kepada semua orang tanpa membezakan sesiapa pun. ²³ Kerana

3:14: Mzm 10:7. **3:15:** Yes 59:7,8. **3:18:** Mzm 36:1.

3:20: Mzm 143:2; Gal 2:16. **3:22:** Gal 2:16.

semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah. ²⁴ Namun demikian, dengan kasih kurnia Allah yang dikurniakan-Nya dengan rela, manusia dapat diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Kristus Yesus. ²⁵ Allah menjadikan Yesus korban pendamaian supaya dengan kematian-Nya, dosa orang yang beriman kepada-Nya diampunkan. Allah berbuat demikian untuk memperlihatkan keadilan-Nya kerana pada masa silam, Allah bersabar terhadap dosa manusia dan tidak menghukum mereka. ²⁶ Tetapi sekarang Dia bertindak terhadap dosa untuk menyatakan keadilan-Nya. Allah menunjukkan bahawa Dia benar dan memperbenar semua mereka yang beriman kepada Yesus.

²⁷ Dengan demikian, apakah yang dapat dibanggakan? Tidak ada sama sekali! Adakah melalui ketaatan akan hukum Taurat? Tidak, tetapi melalui iman. ²⁸ Kerana kami yakin bahawa manusia diperbenar atas iman kepada Yesus Kristus, bukan kerana dia mengamalkan apa yang diwajibkan oleh hukum Taurat.

²⁹ Atau adakah Allah itu Tuhan orang Yahudi sahaja? Pasti tidak. Dia Tuhan bangsa-bangsa lain juga. ³⁰ Allah itu esa. Dia memperbenar

orang yang bersunat melalui iman mereka. Demikian juga Dia memperbenar orang yang tidak bersunat melalui iman mereka. ³¹ Maka adakah kita memansuhkan hukum Taurat dengan iman? Sama sekali tidak! Malah kita menegakkan Taurat.

Abraham diperbenar melalui iman

4 ¹ Oleh yang demikian, apakah yang akan kita katakan tentang Abraham, nenek moyang jasmaniah kita? ² Jika Abraham telah diperbenar kerana kerja amalnya dapatlah dia berbangga tetapi bukan di mata Allah. ³ Apakah yang tersurat dalam Kitab Suci? “Abraham percaya kepada Allah, dan hal itu diperhitungkan baginya sebagai perbenaran.” ⁴ Bagi seseorang yang membuat kerja, gajinya tidak dikira sebagai anugerah tetapi sebagai haknya. ⁵ Sebaliknya, bagi seseorang yang tidak membuat kerja amal tetapi percaya kepada Allah yang telah memperbenar orang yang mungkar, imannya diperhitungkan sebagai perbenaran. ⁶ Demikianlah Daud berkata tentang

ⁱ**4:3,5,9,13, 22** Perbenaran: Abram diiktiraf sebagai seorang yang benar, hidup selaras dengan kehendak Allah serta melaksanakan tuntutan-tuntutan-Nya.

4:3: Kej 15:6; Gal 3:6.

berkat ke atas orang yang diperbenar Allah tanpa mengira kerja amalnya. Kata Daud:

⁷ “Diberkatilah orang
yang diampuni kemungkarannya
dan yang dihapuskan dosa-dosanya.

⁸ Diberkatilah orang yang dosanya
tidak diperhitungkan Tuhan.”

⁹ Maka adakah berkat ini untuk orang yang bersunat, atau untuk orang yang tidak bersunat juga? Kerana kita berkata, “Iman Abraham diperhitungkan baginya sebagai perbenaran.”

¹⁰ Jadi, bagaimana iman itu diterima? Semasa dia sudah bersunat, atau sebelum bersunat? Bukan semasa dia sudah bersunat, tetapi ketika dia belum bersunat; ¹¹ lalu dia menerima tanda persunatan, materai perbenaran yang didapatinya melalui iman semasa dia masih belum bersunat. Dengan demikian, dia menjadi bapa kepada semua orang yang beriman tanpa bersunat, supaya perbenaran juga diperhitungkan kepada mereka ¹² dan dia juga menjadi bapa kepada orang bersunat yang bukan sahaja bersunat tetapi juga mengikut jejak langkah moyang bangsa kita, Abraham yang beriman sebelum dia bersunat.

¹³ Kerana janji kepada Abraham dan keturunannya bahawa mereka akan menjadi waris dunia ini bukanlah melalui hukum Taurat tetapi melalui perbenaran yang diperoleh dengan iman. ¹⁴ Kerana jika orang yang mengamalkan hukum Taurat menjadi waris, maka iman tidak bernilai dan janji itu mansuh. ¹⁵ Kerana hukum Taurat membawa kemurkaan Allah dan tanpa hukum Taurat, tiadalah kemungkaran.

¹⁶ Oleh yang demikian, janji itu melalui iman, supaya datangnya melalui kasih kurnia dan dapat dipastikan bagi semua keturunan Abraham; bukan hanya yang mengamalkan hukum Taurat tetapi juga yang mempunyai iman Abraham, bapa kepada kita semua. ¹⁷ Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, “Aku telah menjadikanmu bapa kepada beberapa banyak bangsa.” Abraham bapa kita di mata Allah. Dia beriman kepada Allah yang memberikan nyawa kepada yang mati dan menyeru yang tidak wujud menjadi wujud. ¹⁸ Meski bagaikan tiada harapan, Abraham berharap dan beriman, maka dia menjadi bapa kepada beberapa banyak bangsa, sebagaimana yang telah dikatakan kepadanya, “Demikian

4:13: Kej 17:4-6; 22:17,18; Gal 3:29. **4:14:** Gal 3:18.

4:16: Gal 3:7. **4:17:** Kej 17:5. **4:18:** Kej 15:5.

jugalah keturunanmu kelak.”¹⁹ Tanpa terjejas imannya, dia menghadapi kenyataan bahawa tubuhnya samalah seperti sudah mati – kerana dia sudah berusia kira-kira seratus tahun – dan rahim Sarah juga sudah mati.²⁰ Namun demikian, Abraham tidak digugat kesangsian terhadap janji Allah, tetapi telah diteguhkan lagi dalam imannya lalu memuliakan Allah.²¹ Dia yakin sepenuhnya bahawa Allah berkuasa melakukan apa yang telah dijanjikan-Nya.²² Maka “imannya itu diperhitungkan baginya sebagai perbenaran.”²³ Kata-kata “diperhitungkan baginya” telah tersurat bukan untuknya sahaja,²⁴ tetapi juga untuk kita: Allah akan menerima kita sebagai orang yang benar, kita yang beriman terhadap Dia yang telah membangkitkan Tuhan Yesus daripada kematian.²⁵ Dia telah diserahkan kepada kematian kerana dosa kita dan dibangkitkan semula kepada kehidupan untuk membenarkan kita.

Damai dan sukacita

5¹ Oleh yang demikian, kerana kita telah diperbenar melalui iman, kita telah berdamai dengan Allah melalui Tuhan kita Yesus Kristus.

² Melalui-Nya kita telah mencapai dengan

iman kasih kurnia yang meliputi kita sekarang. Dan kita bersukacita dengan harapan akan kemuliaan Allah. ³ Bukan itu sahaja, tetapi kita juga bersukacita dengan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan membina ketabahan. ⁴ Ketabahan membina budi pekerti; dan budi pekerti membina harapan. ⁵ Dan harapan tidak mengecewakan kita, kerana Allah telah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita melalui Roh Kudus, yang telah dikurniakan-Nya kepada kita.

⁶ Lihatlah, tepat pada masanya, ketika kita masih tidak berdaya, Kristus telah mati untuk orang yang fasiq. ⁷ Jarang sekali seseorang mahu mati untuk orang yang benar, meski untuk orang yang baik mungkin ada yang sanggup mati.

⁸ Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, Kristus telah mati untuk kita. ⁹ Oleh sebab sekarang kita telah diperbenarkan dengan darah-Nya, lebih-lebih lagilah kita akan diselamatkan daripada kemurkaan Allah melalui-Nya. ¹⁰ Kerana jika semasa kita seteru Allah, kita telah didamaikan dengan-Nya melalui kematian Anak-Nya, lebih-lebih lagilah, setelah didamaikan, kita akan diselamatkan melalui kehidupan-Nya! ¹¹ Bukan ini sahaja, tetapi kita juga bersukacita dalam Allah melalui Tuhan

kita Yesus Kristus yang melalui-Nya kita telah menerima pendamaian.

Mati kerana Adam, hidup kerana Kristus

¹² Oleh itu, sebagaimana dosa memasuki dunia ini melalui seorang manusia, dan dengan demikian kematian menimpa semua manusia, kerana semuanya berdosa. ¹³ Kerana sebelum hukum diberikan, dosa sudah ada di dunia. Tetapi dosa tidak diperhitungkan apabila hukum tidak ada. ¹⁴ Namun demikian, kematian telah bertakhta dari zaman Adam hinggalah zaman Musa, dan merajai semua orang termasuklah yang tidak melakukan pelanggaran sebagaimana yang telah dilakukan oleh Adam, yang merupakan gambaran Dia yang akan datang.

¹⁵ Tetapi pemberian tidaklah seperti pelanggaran. Kerana jika ramai manusia mati akibat pelanggaran seorang manusia, lebih-lebih lagilah kasih kurnia Allah dan pemberian melalui kasih kurnia seorang manusia, Yesus Kristus, melimpahi manusia yang banyak! ¹⁶ Demikian juga, pemberian Allah tidaklah seperti dosa seseorang manusia: Penghakiman datang selepas satu dosa dan membawa hukuman, tetapi pemberian itu datang selepas beberapa banyak

pelanggaran yang membawa membenaran.

¹⁷ Kerana jika dengan dosa seorang manusia, kematian telah bertakhta melalui seorang manusia itu, maka lebih-lebih lagilah orang yang menerima peruntukan kasih kurnia dan pemberian perbenaran^j yang melimpah-limpah akan bertakhta dalam kehidupan melalui seorang manusia, Yesus Kristus.

¹⁸ Oleh yang demikian, sebagaimana satu pelanggaran itu membawa hukuman bagi semua manusia, maka satu perbuatan benar membawa membenaran yang memberikan kehidupan bagi semua manusia. ¹⁹ Kerana sebagaimana melalui pelanggaran oleh seorang manusia, ramai telah menjadi orang berdosa, maka melalui ketaatan seorang Manusia, ramai akan diperbenar.

²⁰ Hukum Taurat telah diadakan supaya pelanggaran bertambah. Tetapi dengan bertambahnya dosa, semakin bertambahlah kasih kurnia. ²¹ Oleh itu, sebagaimana dosa telah bertakhta dalam kematian, maka kasih kurnia akan bertakhta melalui perbenaran untuk membawakan kehidupan kekal melalui Yesus Kristus, Tuhan kita.

^j**5:17,21** Perbenaran: Dalam ayat ini, 'perbenaran' merujuk kepada tindakan Allah untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinakan manusia berbaik semula dengan-Nya.

Mati kepada dosa, hidup dalam Kristus

6¹ Oleh yang demikian, apa akan kita katakan? Patutkah kita terus melakukan dosa supaya kasih kurnia bertambah. ² Sama sekali tidak! Kita telah mati kepada dosa; betapa mungkin kita terus hidup dalamnya? ³ Atau tidakkah kamu tahu bahawa kita semua yang dibaptiskan dalam Kristus Yesus telah dibaptiskan ke dalam kematian-Nya? ⁴ Melalui baptisan itu, kita dikuburkan dengan Dia dan ikut mati bersama-Nya. Demikian juga, sebagaimana Kristus dibangkitkan daripada kematian melalui kemuliaan Allah Bapa, kita juga dapat menikmati kehidupan yang baru.

⁵ Jika kita telah disatukan dengan Kristus kerana kita turut mati bersama-Nya, maka tentulah kita akan disatukan juga dengan-Nya dalam kebangkitan semula-Nya. ⁶ Kerana kita tahu bahawa diri kita yang dahulu telah disalib bersama-Nya supaya tubuh dosa itu dapat dihapuskan, dan kita tidak lagi diperhamba oleh dosa. ⁷ Kerana sesiapa yang telah mati, dia dibebaskan daripada dosa. ⁸ Jika kita telah mati bersama Kristus, kita percaya bahawa kita akan hidup dengan-Nya juga. ⁹ Kerana kita tahu

bahawa oleh sebab Kristus telah dibangkitkan daripada kematian, Dia tidak mungkin mati lagi; kematian tidak berkuasa atas-Nya lagi.

¹⁰ Dengan kematian-Nya, Dia telah mati kepada dosa sekali untuk selama-lamanya; tetapi dengan kehidupan-Nya, Dia hidup kepada Allah.

¹¹ Demikian juga, anggaplah dirimu telah mati kepada dosa tetapi hidup kepada Allah dalam Kristus Yesus.

¹² Oleh itu, jangan biarkan dosa bertakhta dalam tubuhmu yang fana sehingga kamu menurut kemahuannya yang durjana. ¹³ Janganlah persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu kepada dosa, sebagai alat-alat kedurjanaan; sebaliknya persembahkanlah dirimu kepada Allah, sebagai orang yang telah dibawa daripada kematian kepada kehidupan; dan persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu kepada-Nya sebagai alat-alat perbenaran.^k ¹⁴ Kerana dosa tidak akan menjadi tuanmu, disebabkan kamu bukan di bawah hukum, tetapi di bawah kasih kurnia.

^k**6:13** Perbenaran: Merujuk kepada tingkah laku benar seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah serta melaksanakan tuntutan-tuntutan-Nya.

Hamba kepada perbenaran

¹⁵ Jadi bagaimana? Patutkah kita melakukan dosa kerana kita bukan di bawah hukum tetapi di bawah kasih kurnia? Sama sekali tidak!

¹⁶ Tidakkah kamu tahu bahawa jika kamu mempersembahkan dirimu kepada seseorang dan mentaatinya sebagai hamba, maka kamu menjadi hamba kepada orang yang kamu taati – sama ada kamu hamba kepada dosa, yang membawa kepada kematian, atau kamu hamba kepada ketaatan, yang membawa kepada perbenaran. ¹⁷ Tetapi bersyukur kepada Allah! Dahulu kamu diperhamba oleh dosa, tetapi kini kamu telah taat sepenuh hati akan bentuk ajaran yang telah diamanahkan kepadamu. ¹⁸ Kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba kepada perbenaran.

¹⁹ Aku menyampaikan perkara ini melalui istilah kehidupan manusia kerana kamu lemah dalam diri tabiimu. Sebagaimana dahulu kamu telah mempersembahkan bahagian-bahagian^l tubuhmu sebagai hamba kepada kekejian dan kedurjanaan yang sentiasa meningkat, maka sekarang kamu hendaklah mempersembahkan

^l6:19 Atau: Anggota-anggota.

dirimu sebagai hamba kepada perbenaran yang membawa kepada penyucian.

²⁰ Sewaktu kamu diperhamba dosa dahulu, kamu tidaklah dikuasai oleh kawalan perbenaran.

²¹ Tetapi apakah manfaat yang kamu dapati daripada perkara-perkara yang kini membuatmu berasa malu? Perkara-perkara itu membawa kematian. ²² Kini kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba Allah, manfaat yang kamu dapati membawa kepada kesucian, dan hasilnya ialah kehidupan kekal. ²³ Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.

Suatu contoh perkahwinan

7 ¹ Tidakkah kamu tahu, saudara-saudaraku – kerana aku sedang berkata-kata kepada orang yang mengetahui hukum Taurat – bahawa hukum itu berkuasa atas seseorang hanya selagi dia masih hidup? ² Misalnya, menurut hukum, seorang perempuan yang berkahwin terikat kepada suaminya hanya selagi suaminya itu masih hidup, tetapi jika suaminya mati, perempuan itu dibebaskan daripada hukum perkahwinan. ³ Oleh itu, jika dia berkahwin dengan lelaki lain ketika suaminya masih hidup, perempuan itu dipanggil pezina. Tetapi jika

suaminya mati, perempuan itu bebas daripada hukum tersebut dan bukanlah pezina sekiranya dia berkahwin dengan lelaki lain. ⁴ Oleh itu, saudara-saudaraku, kamu juga telah mati kepada hukum Taurat melalui tubuh Kristus, supaya kamu menjadi milik kepada yang lain, iaitu kepada Dia yang telah dibangkitkan daripada kematian, dan dengan demikian kita dapat menghasilkan buah kepada Allah. ⁵ Kerana dahulu ketika kita dikawal oleh sifat tabii yang berdosa, hawa nafsu berdosa yang ditimbulkan oleh hukum telah bekerja dalam tubuh kita, sehingga kita menghasilkan buah untuk kematian. ⁶ Tetapi sekarang, kita telah mati kepada apa yang membelenggu kita dahulu, maka kita telah dibebaskan daripada hukum untuk berkhidmat dalam cara baru Roh, tidak lagi dalam cara lama yang berasaskan peraturan bersurat.

Menentang dosa

⁷ Jadi, apakah yang akan kita katakan? Adakah hukum itu dosa? Sama sekali tidak! Memang aku tidak mungkin tahu apa itu dosa kecuali melalui hukum. Kerana aku tidak mungkin tahu apa sebenarnya keinginan jahat jika hukum tidak mengatakan, “Jangan ingini milik orang.”

⁸ Tetapi dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu menimbulkan dalam diriku segala jenis keinginan jahat. Kerana tanpa hukum, dosa tidak wujud. ⁹ Satu masa dahulu, aku hidup tanpa hukum; tetapi apabila datang perintah itu, hiduplah dosa dan matilah aku. ¹⁰ Aku mendapati bahawa perintah yang dimaksudkan membawa kehidupan itu telah membawa kematian. ¹¹ Kerana dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu memperdayaku, dan melalui perintah itu telah menjerumuskanku ke dalam kematian.

¹² Jadi, hukum itu suci, dan perintah itu suci, benar serta baik. ¹³ Maka adakah sesuatu yang baik itu menjadi kematian kepadaku? Sama sekali tidak! Tetapi, supaya dosa dikenal sebagai dosa, dosa telah menimbulkan kematian dalam diriku melalui sesuatu yang baik; dengan demikian, melalui perintah itu, dosa dapat menjadi dosa sepenuhnya.

¹⁴ Kita tahu bahawa hukum bersifat rohani; tetapi aku tidak bersifat rohani, aku telah dijual sebagai hamba kepada dosa. ¹⁵ Aku tidak mengerti apa yang kulakukan. Apa yang kuhendaki, tidak kulakukan, sebaliknya aku melakukan apa yang kubenci. ¹⁶ Dan jika aku

melakukan apa yang tidak mahu kulakukan, aku setuju bahawa hukum itu baik. ¹⁷ Nyatalah bahawa bukan aku yang melakukannya, tetapi dosa yang hidup dalam diriku. ¹⁸ Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu yang baik dalam hidup diriku, iaitu dalam sifat tabiiku yang berdosa. Kerana aku hendak melakukan apa yang baik, tetapi aku tidak mampu melaksanakannya. ¹⁹ Kerana yang kulakukan bukanlah kebaikan yang hendak kulakukan; tidak, kejahatan yang tidak hendak kulakukan – itulah yang kulakukan terus-menerus. ²⁰ Jika aku melakukan sesuatu yang tidak ingin kulakukan, bukanlah lagi aku yang melakukannya tetapi dosa yang hidup dalam dirikulah yang melakukan. ²¹ Oleh itu, aku mendapati hukum ini berlangsung; apabila aku hendak melakukan kebaikan, kejahatan bertapak di sisiku. ²² Kerana dalam jiwaku aku suka akan hukum Allah ²³ tetapi aku melihat hukum lain bertindak dalam anggota-anggota tubuhku, memerangi hukum jiwaku dan membuat aku terpenjara dalam hukum dosa yang bertindak dalam anggota-anggota tubuhku. ²⁴ Alangkah sengsaranya aku! Siapa yang akan menyelamatkanku daripada tubuh kematian ini? ²⁵ Syukur kepada Allah melalui Yesus Kristus, Tuhan kita! Oleh itu, dalam jiwaku aku mengabdikan

kepada hukum Allah, tetapi dalam sifat tabii yang berdosa aku mengabdikan kepada hukum dosa.

Kehidupan melalui Roh

8¹ Dengan demikian, sekarang tidak ada hukuman bagi orang yang ada dalam Kristus Yesus.² Kerana melalui Kristus Yesus hukum Roh kehidupan telah membebaskanku daripada hukum dosa dan kematian.³ Apa yang tidak dapat dilakukan oleh Taurat kerana lemahnya sifat tabii manusia, telah dilakukan oleh Allah dengan menghantar Anak-Nya dalam bentuk manusia berdosa untuk menjadi persembahan menebus dosa. Dengan demikian Dia menghukum dosa dalam diri manusia berdosa.⁴ Allah berbuat demikian supaya kita dapat menunaikan kehendak-kehendak hukum dalam diri kita dengan sepenuhnya, mengikut kehendak Roh dan bukan mengikut kehendak sifat tabii.⁵ Bagi orang yang hidup menurut sifat tabii yang berdosa, fikirannya tertumpu kepada apa yang diinginkan oleh sifat tabii itu; tetapi bagi orang yang hidup menurut Roh, jiwanya tertumpu kepada apa yang diinginkan oleh Roh.⁶ Fikiran yang dikuasai oleh sifat tabii yang berdosa, adalah kematian. Tetapi fikiran yang dikuasai oleh Roh, adalah kehidupan dan kesejahteraan.⁷ Fikiran sifat tabii yang berdosa memusuhi Allah kerana

fikiran demikian tidak tunduk kepada hukum Allah dan tidak dapat berbuat demikian ⁸ Orang yang dikawal oleh sifat tabii yang berdosa tidak berupaya mendapat keredaan Allah.

⁹ Tetapi kamu dikawal bukan oleh sifat tabii yang berdosa tetapi oleh Roh, jika Roh Allah hidup dalam dirimu. Dan jika seseorang tidak ada Roh Kristus, dia bukanlah milik Kristus.

¹⁰ Sebaliknya jika Kristus ada dalam dirimu, tubuhmu mati kerana dosa, namun rohmumu hidup kerana perbenaran.^m ¹¹ Dan jika Roh Dia yang telah membangkitkan Yesus daripada kematian hidup dalam dirimu, maka Dia yang telah membangkitkan Kristus Yesus daripada kematian akan juga memberikan kehidupan kepada tubuhmu yang fana melalui Roh-Nya, yang hidup dalam dirimu.

¹² Dengan demikian, saudara-saudaraku, kita ada kewajipan tetapi bukan terhadap sifat tabii yang berdosa dan hidup menurut sifat tabii itu.

¹³ Kerana jika kamu hidup menurut sifat tabii yang berdosa, kamu akan mati; tetapi jika dengan Roh

^m**8:10** Perkataan 'perbenaran' membawa makna tindakan Allah untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinkan orang berbaik semula dengan-Nya.

itu kamu mematikan perbuatan-perbuatan salah tubuhmu, kamu akan hidup, ¹⁴ kerana orang yang dipimpin oleh Roh Allah ialah anak-anak Allah. ¹⁵ Kerana kamu bukanlah menerima Roh yang menyebabkan kamu diperhamba lagi oleh ketakutan, tetapi telah menerima Roh yang menjadikanmu anak Allah. Dan dengannya kita berseru, “Abba, Bapa.” ¹⁶ Roh itu sendiri memberikan kesaksian dengan roh kita bahawa kita anak Allah. ¹⁷ Jika kita anak, maka kita waris-waris Allah, waris bersama dengan Kristus, jika kita benar-benar berkongsi penderitaan-Nya supaya dapat berkongsi kemuliaan-Nya kelak.

Kemuliaan akan datang

¹⁸ Aku menganggap bahawa penderitaan kita sekarang terlalu kecil untuk dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita. ¹⁹ Seluruh ciptaan menanti-nantikan saatnya Allah menyerlahkan anak-anak-Nya. ²⁰ Kerana seluruh ciptaan telah ditundukkan dalam kebuntuan, bukan dengan pilihannya sendiri, tetapi dengan kehendak Dia yang telah menundukkannya, dengan harapan ²¹ bahawa ciptaan itu sendiri akan dibebaskan daripada

8:15: Gal 4:5-7. **8:15:** Mrk 14:36; Gal 4:6.

8:20: Kej 3:17-19.

belunggu kemusnahan dan dibawa ke dalam kebebasan penuh kemuliaan anak-anak Allah.

²² Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan anak. ²³ Lebih daripada itu, kita sendiri yang mendapat buah pertama Roh Allah, turut mengerang dalam batin sambil menanti-nantikan pengangkatan sebagai anak, iaitu penebusan tubuh kita. ²⁴ Melalui harapan ini, kita telah diselamatkan. Tetapi harapan yang dilihat bukanlah harapan. Siapa yang mengharap apa yang sudah ada padanya? ²⁵ Sebaliknya, jika kita mengharap apa yang belum ada pada kita, maka kita menantikannya dengan sabar.

²⁶ Demikian jugalah, Roh menolong kita dalam kelemahan kita. Kita tidak tahu apa yang patut kita doakan, tetapi Roh itu sendiri berdoa syafaat untuk kita dengan rintihan yang tidak dapat disampaikan melalui kata-kata. ²⁷ Dan Dia yang menyoroti hati kita tahu akan fikiran Roh, kerana Roh berdoa syafaat bagi pihak orang yang salih menurut kehendak Allah.

Lebih daripada penakluk

²⁸ Dan kita tahu bahawa dalam semua hal Allah bekerja untuk kebaikan orang yang

mengasihi-Nya, yang telah dipanggil menurut rancangan-Nya. ²⁹ Kerana dari mulanya dahulu Allah telah menentukan mereka yang dipilih-Nya supaya menjadi selaras dengan rupa Anak-Nya,ⁿ maka Anak itu merupakan yang sulung di antara saudara yang ramai. ³⁰ Dan orang yang ditentukan Allah dari mulanya dahulu dipanggil-Nya; orang yang dipanggil-Nya itu diperbenar-Nya; orang yang diperbenar-Nya itu dipermulia-Nya pula.

³¹ Jadi, apakah yang akan kita katakan sebagai sambutan kepada hal ini? Jika Allah memihak kepada kita, siapa dapat melawan kita? ³² Dia tidak mengecualikan Anak-Nya sendiri, tetapi menyerahkan-Nya untuk kita semua. Oleh itu, tidakkah Dia, bersama Anak-Nya itu, juga akan memberikan segala-galanya kepada kita dengan rela? ³³ Siapa yang akan mendakwa orang pilihan Allah? Allah yang memperbenar. ³⁴ Siapakah yang dapat mempersalah^o kita? Kristus Yesus, yang telah mati, bahkan lebih daripada itu, yang telah dibangkitkan, berada di sebelah kanan Allah dan juga berdoa syafaat bagi pihak kita. ³⁵ Siapa yang akan memisahkan kita daripada kasih Kristus? Kekacauan atau kesusahan atau penganiayaan

ⁿ**8:29** Atau: Anak-Nya, Yesus Kristus.

^o**8:34** Atau: Siapakah yang dapat menghakimi kita?

atau kebuluran atau ketelanjangan atau bahaya atau pedang? ³⁶Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci:

“Kerana-Mu kami menghadapi maut sepanjang hari;

Kami dianggap sebagai domba untuk disembelih.”

³⁷ Tidak! Dalam semua hal ini kita lebih daripada para penakluk melalui Dia yang mengasihi kita.

³⁸ Kerana aku yakin bahawa kematian mahupun kehidupan, para malaikat mahupun para pemerintah, masa kini mahupun masa depan, baik kuasa apa pun, ³⁹ ketinggian mahupun kedalaman, baik apa pun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah yang di dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.

Pilihan Allah yang utama

9 ¹ Aku berkata benar dalam Kristus. Aku tidak berdusta, hati nuraniku mengesahkannya dalam Roh Kudus. ² Aku teramat sedih dan gundah dalam hatiku. ³ Kerana aku rela terkutuk dan terpisah daripada Kristus untuk kepentingan saudara-saudara sebangsaku. ⁴ Mereka itu orang Israel. Untuk mereka pengangkatan sebagai anak

Allah; untuk mereka kemuliaan ilahi; perjanjian-perjanjian; penerimaan hukum, ibadat di Bait Suci, dan janji-janji. ⁵ Mereka ialah keturunan nenek moyang yang termasyhur. Bahkan dari antara mereka jugalah Kristus lahir sebagai manusia. Dialah yang terutama dari segala sesuatu, Allah yang terpuji selama-lamanya.^p Amin.

⁶ Ini tidaklah bererti Firman Allah telah gagal. Kerana bukan semua keturunan Israel itu diterima sebagai Israel. ⁷ Juga bukan semua keturunan Abraham diterima sebagai anak-anak Abraham. Sebaliknya, “Melalui Ishak benih keturunanmu akan dipanggil.” ⁸ Ini bererti, anak-anak Allah bukanlah keturunan tabii Abraham tetapi anak-anak janji Allah. ⁹ Kerana demikianlah kata-kata janji itu: “Pada masa yang ditetapkan Aku akan kembali, dan Sarah akan mendapat seorang anak lelaki.”

¹⁰ Bukan itu sahaja, malah kedua-dua anak lelaki Ribkah mempunyai bapa yang sama, iaitu Ishak, bapa kita. ¹¹ Namun demikian, sebelum anak kembar itu dilahirkan dan sempat berbuat baik atau jahat – untuk menegakkan kehendak

^p**9:5** Atau: Dialah yang terutama dari segala sesuatu. Terpujilah Allah selama-lamanya. Amin.

9:7: Kej 21:12. **9:9:** Kej 18:10. **9:11:** Kej 25:23.

Allah dalam pemilihan: ¹² bukan dengan kerja amal tetapi dengan Dia yang memanggil – Ribkah telah diberitahu: “Yang tua akan melayan yang muda.” ¹³ Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci: “Yakub Kukasihi, tetapi Esau Kubenci.”

¹⁴ Jadi, apa yang akan kita katakan? Adakah Allah tidak adil? Sama sekali tidak! ¹⁵ Kerana Dia telah berkata kepada Musa, “Aku akan mengasihani sesiapa yang Kukasihani. Dan Aku akan berbelas kasihan kepada sesiapa yang Kubelaskasihi.” ¹⁶ Oleh itu, hal demikian bergantung bukan kepada keinginan atau usaha manusia tetapi kepada belas kasihan Allah.

¹⁷ Kerana Kitab Suci berkata kepada Firaun: Aku telah mengangkatmu untuk tujuan ini, iaitu menunjukkan kekuasaan-Ku melaluimu dan supaya nama-Ku termasyhur di seluruh bumi.

¹⁸ Dengan demikian Allah mengasihani sesiapa yang hendak dikasihani-Nya, dan mengeraskan hati sesiapa yang hendak dikeraskan-Nya hati.

¹⁹ Seorang daripadamu akan berkata kepadaku, “Kalau begitu, mengapa masih menyalahkan kita? Kerana siapa yang dapat menentang kehendak-Nya?” ²⁰ Tetapi siapakah engkau, hai manusia, maka engkau menghujahi Allah?

9:13: Mal 1:2,3. **9:15:** Kel 33:19. **9:17:** Kel 9:16.

9:20: Yes 29:16; 45:9.

“Adakah ciptaan berkata kepada penciptanya, ‘Mengapa kaubuat aku begini?’ ” ²¹ Tidakkah tukang tembikar berhak membuat daripada segumpal tanah liat yang sama, beberapa bekas tembikar untuk tujuan mulia dan yang lain untuk kegunaan biasa?

²² Bagaimana jika Allah, untuk menunjukkan kemurkaan-Nya dan menyatakan kekuasaan-Nya, setelah begitu bersabar terhadap orang yang dimurkai-Nya, membuat persediaan untuk membinasakan? ²³ Bagaimana jika Dia berbuat demikian untuk memperlihatkan betapa besar kemuliaan-Nya kepada orang yang menjadi tumpuan belas kasihan-Nya, yang telah disediakan-Nya terlebih dahulu untuk kemuliaan, ²⁴ justeru kita, yang telah dipanggil-Nya, bukan hanya daripada kalangan orang Yahudi tetapi juga daripada kalangan bangsa asing? ²⁵ Sebagaimana telah disampaikan-Nya melalui Hosea:

“Aku akan memanggil mereka ‘umat-Ku’
sedangkan mereka bukan umat-Ku;
dan Aku akan memanggil dia ‘orang yang
Kukasihi’

sedangkan dia bukan orang yang Kukasihi.

²⁶ Dan, akan terjadi bahawa di mana telah dikatakan kepada mereka,

‘Kamu bukan umat-Ku,’
di situlah mereka akan dipanggil anak-anak
Allah yang hidup.”

²⁷ Yesaya juga telah berseru tentang umat Israel: “Walaupun bilangan anak Israel seperti pasir di tepi laut, hanya segelintir baki akan diselamatkan. ²⁸ Kerana Tuhan akan menjalankan hukuman-Nya di atas bumi dengan segera dan muktamad.”

²⁹ Samalah seperti kata Yesaya sebelum itu:
“Sekiranya Tuhan alam semesta tidak
membiarkan keturunan kita hidup,
kita tentu telah menjadi seperti Sodom, tentu
kita seperti Gomora.”

Israel yang tidak beriman

³⁰ Jadi, apa yang akan kita katakan? Bahawa bangsa-bangsa asing, yang tidak mengejar perbenaran^q, telah mendapatinya, iaitu perbenaran berasaskan iman. ³¹ Sebaliknya orang Israel, yang mengejar perbenaran berasaskan hukum, tidak dapat mencapainya.

^q**9:30** Perkataan “perbenaran” membawa beberapa makna tertakluk kepada konteksnya. Dalam ayat ini, perbenaran merujuk kepada tindakan Allah untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinkan orang berdosa berbaik semula dengan-Nya.

9:27: Yes 10:22,23. **9:29:** Yes 1:9.

³² Mengapa tidak? Kerana mereka mengejarnya bukan dengan iman, tetapi seolah-olah dengan mengamalkan kerja amal. Mereka tersandung pada batu sandungan. ³³ Sebagaimana telah tersurat:

“Aku telah meletakkan di Sion seketul batu yang menyebabkan orang tersandung dan sebuah batu pejal yang membuat mereka terjatuh,

dan orang yang percaya kepada-Nya tidak akan diaibkan.”

10 ¹ Saudara-saudaraku, hasrat hatiku dan doaku kepada Allah tentang orang Israel ialah semoga mereka akan diselamatkan.

² Aku dapat memberikan kesaksian bahawa mereka bersungguh-sungguh dalam ibadat kepada Allah, tetapi kesungguhan mereka tidak berasaskan pengetahuan yang benar. ³ Oleh sebab mereka tidak mengetahui perbenaran yang datang daripada Allah dan mereka berusaha menegakkan perbenaran mereka sendiri, maka mereka tidak tunduk kepada perbenaran

Allah.^r ⁴ Kristus ialah titik tamat hukum supaya perbenaran didapati oleh setiap orang yang beriman.

⁵ Musa telah menulis tentang perbenaran berdasarkan hukum Taurat, “Sesiapa yang melakukan hal-hal ini akan hidup mengikutnya.”

⁶ Tetapi perbenaran berdasarkan iman berkata demikian, “Jangan bertanya dalam hatimu, ‘Siapa yang akan naik ke syurga?’ (untuk membawa Kristus turun) ⁷ atau, ‘Siapa yang akan turun ke alam kubur?’ (untuk membawa Kristus naik daripada kematian).” ⁸ Apakah yang dikatakan? “Firman itu begitu dekat denganmu, di mulutmu dan dalam hatimu (iaitu firman tentang iman yang kami isytiharkan): ⁹ Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Yesus ialah Tuhan dan percaya dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian, kamu akan diselamatkan; ¹⁰ kerana dengan hatimu kamu beriman dan diperbenar, dan dengan mulutmu kamu mengaku lalu diselamatkan.”

¹¹ Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci,

^r**10:3,5,6** Perkataan “perbenaran” membawa beberapa makna tertakluk kepada konteksnya. Dalam ayat ini, perbenaran merujuk kepada tindakan Allah untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinan orang berdosa berbaik semula dengan-Nya.

10:5: Im 18:5. **10:6:** Ul 30:12-14. **10:11:** Yes 28:16.

“Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak akan diaibkan.” ¹² Kerana tidak ada perbezaan antara orang Yahudi dengan orang Yunani, kerana Tuhan yang sama berkuasa atas semuanya dan melimpahkan berkat ke atas semua yang menyeru kepada-Nya. ¹³ Kerana “Sesiapa yang menyeru nama Tuhan akan diselamatkan.”

¹⁴ Jadi, bagaimana mereka dapat menyeru kepada-Nya sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya? Dan bagaimana mereka dapat beriman kepada-Nya sedangkan mereka tidak pernah mendengar tentang-Nya? Dan bagaimana mereka dapat mendengar sedangkan tiada sesiapa pun yang mengkhabarkan tentang-Nya? ¹⁵ Dan bagaimana orang dapat mengajar kecuali dihantar? Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, “Alangkah indahny kaki mereka yang membawa berita baik!” ¹⁶ Akan tetapi, tidak semua yang mahu menerima berita Injil itu. Sebagaimana kata Yesaya, “Tuhan, siapa yang percaya akan perkhabaran yang kami sampaikan?” ¹⁷ Oleh itu, iman datang daripada mendengar perkhabaran itu, dan perkhabaran itu didengar melalui sabda Kristus. ¹⁸ Tetapi aku bertanya, “Tidakkah mereka mendengar?” Tentu sekali:

10:13: Yl 2:32. **10:15:** Yes 52:7. **10:16:** Yes 53:1.

10:18: Mzm 19:4.

“Suara mereka telah tersebar ke serata bumi, dan kata-kata mereka telah sampai ke hujung dunia.”

¹⁹ Sekali lagi aku bertanya, “Tidakkah orang Israel mengerti?” Pertama, Musa berkata:

‘Aku akan membuatmu iri hati dengan orang yang bukan satu bangsa; Aku akan membuatmu marah dengan satu bangsa yang tidak mengerti.’

²⁰ Kemudian Yesaya lantang berkata,

‘Aku telah ditemui oleh mereka yang tidak mencari-Ku;

Aku menyatakan diri-Ku kepada orang yang tidak memohon kehadiran-Ku.’ ”

²¹ Tetapi kepada orang Israel dia berkata,

‘Sepanjang hari telah Kuhulurkan tangan-Ku kepada bangsa yang ingkar dan keras kepala.’

Orang Israel

11 ¹ Oleh itu, aku bertanya, “Adakah Allah telah menyingkirkan umat-Nya?” Sama sekali tidak! Aku sendiri seorang berbangsa Israel, keturunan Abraham, daripada suku Benyamin. ² Allah tidak menyingkirkan umat-Nya yang telah dipilih-Nya dari dahulu. Tidakkah

10:19: Ul 32:21. **10:20:** Yes 65:1. **10:21:** Yes 65:2.

11:1: Flp 3:5.

kamu tahu apa yang telah tersurat dalam Kitab Suci, di dalam petikan tentang Elia, betapa dia mengadu kepada Allah tentang Israel: ³ “Ya Tuhan, mereka telah membunuh nabi-nabi-Mu dan meruntuhkan mazbah-Mu; dan hanya aku yang tinggal, dan mereka sedang berusaha untuk mengambil nyawaku”? ⁴ Dan apakah jawapan Allah kepadanya? “Aku telah menyimpan untuk diri-Ku tujuh ribu orang yang tidak bertekuk lutut kepada Baal.” ⁵ Begitu jugalah, pada zaman ini, ada baki yang dipilih berasaskan kasih kurnia. ⁶ Jika dengan kasih kurnia, maka tidaklah lagi dengan kerja amal; sekiranya masih dengan kerja amal, kasih kurnia bukanlah kasih kurnia lagi.

⁷ Jadi, bagaimana? Apa yang dicari Israel dengan begitu bersungguh-sungguh tidak didapati oleh mereka, tetapi orang pilihan mendapatinya. Yang lain telah dikeraskan hatinya, ⁸ sebagaimana telah tersurat: “Allah telah membuat mereka tidak sedar, mata tidak melihat, telinga tidak mendengar, sampailah hari ini.” ⁹ Dan Daud berkata:

“Semoga meja perjamuan mereka menjadi
jerat dan perangkap,
batu sandungan dan balasan kepada mereka;

11:3: 1Raj 19:10,14. **11:4:** 1Raj 19:18.

11:8: Ul 29:4; Yes 29:10. **11:9:** Mzm 69:22,23.

¹⁰ Kelamkan mata mereka agar tidak dapat melihat,
dan bongkokkan belakang mereka selamanya!”

Cabang-cabang yang dicantumkan

¹¹ Oleh itu, aku bertanya, “Adakah mereka tersandung dan tidak dapat bangun semula?” Sama sekali tidak! Sebaliknya, kerana pelanggaran yang dilakukan oleh mereka, penyelamatan telah datang kepada bangsa-bangsa lain untuk membuat Israel iri hati.

¹² Tetapi jika pelanggaran Israel bermakna kekayaan bagi dunia, dan kerugian mereka bermakna kekayaan bagi orang bukan orang Israel, betapa bergandanya lagi kekayaan yang akan dibawa oleh ketaatan mereka!

¹³ Sekarang aku berkata kepadamu, wahai bangsa asing: Oleh sebab aku ini rasul kepada orang bukan orang Israel, aku membesarkan pelayananku ¹⁴ dengan harapan dapat menimbulkan iri hati bangsaku sendiri dan menyelamatkan sesetengah mereka. ¹⁵ Jika penyingkiran mereka mendatangkan perdamaian bagi seisi dunia, lebih-lebih lagilah kalau mereka diterima semula oleh Allah! Bukankah hal ini seperti hidup kembali selepas mati?

¹⁶ Sekiranya gumpalan pertama suci, maka sucilah seluruh adunan. Jika suci akar pokok, maka demikian jugalah cabang-cabangnya.

¹⁷ Andainya beberapa cabang itu dipatahkan dan kamu, walaupun pucuk zaitun liar, dicantumkan lalu berkongsi akar dengan pokok zaitun yang subur itu, ¹⁸ janganlah bercakap besar kepada cabang-cabang lain. Kalau kamu bermegah juga, ingatlah bahawa bukan kamu yang menyokong akar tetapi akar yang menyokong kamu.

¹⁹ Ketika itu kamu akan berkata: "Cabang-cabang itu dipatahkan supaya aku dapat dicantumkan." ²⁰ Memang benar. Oleh sebab tidak beriman, cabang-cabang itu dipatahkan, dan kamu dapat berada di situ kerana iman! Janganlah angkuh; sebaliknya takutlah. ²¹ Kerana jika Allah tidak mengampuni cabang-cabang tabii itu, Dia tidak akan mengampunimu juga.

²² Oleh itu, fikirkanlah belas ihsan Allah dan juga kekerasan-Nya; kekerasan kepada mereka yang terjerumus; belas ihsan kepada kamu, asalkan kamu berterusan dalam belas ihsan-Nya. Jika tidak, kamu juga akan dibuangkan.

²³ Mereka juga, jika mengubah sikap tidak percaya, akan dicantumkan semula, kerana Allah berupaya berbuat demikian. ²⁴ Kalau kamu yang telah dipotong dari pokok zaitun liar dapat dicantumkan ke pokok zaitun yang

baik dan berbeza tabiinya, lebih-lebih lagi cabang-cabang tabii itu dapat dicantumkan ke pokok zaitunnya sendiri!

Seluruh Israel akan diselamatkan

²⁵ Saudara-saudaraku, aku tidak mahu kamu jahil tentang rahsia ini, supaya kamu tidak berasa megah: Sebahagian daripada orang Israel telah menjadi keras hati sehingga genap jumlah bangsa asing telah masuk. ²⁶ Kemudian seluruh orang Israel akan diselamatkan, sebagaimana yang telah tersurat:

“Penyelamat akan datang dari Sion,
dan Dia akan menjauhkan kemungkaran
daripada Yakub;

²⁷ Kerana inilah perjanjian-Ku dengan mereka
ketika Aku menghapuskan dosa-dosa
mereka.”

²⁸ Dari segi Injil, orang Israel dimusuhi keranamu, tetapi dari segi pilihan, mereka dikasihi kerana nenek moyang mereka; ²⁹ kerana kurnia dan panggilan Allah tidak akan ditarik kembali selama-lamanya. ³⁰ Sebagaimana kamu dahulu ingkar kepada Allah namun kini telah mendapat belas kasihan kerana keingkaran mereka, ³¹ demikian jugalah mereka yang kini telah

ingkar, melalui belas kasihan yang kamu peroleh, mereka juga mungkin mendapat belas kasihan.
³² Allah telah mengeraskan hati mereka dalam keingkaran, supaya Dia dapat mengasihani semuanya.

Pemberkatan

³³ Oh, betapa kaya kebijaksanaan dan pengetahuan Allah! Penghakiman-Nya tidak terduga, dan jalan-jalan-Nya tidak mungkin diselami!

³⁴ “Kerana siapakah yang mengetahui fikiran Tuhan?

Siapa yang menjadi penasihat-Nya?

³⁵ Atau siapakah yang pernah memberi-Nya sesuatu,

maka Dia harus membalasnya?”

³⁶ Segala-galanya daripada Dia, melalui Dia dan kepada Dia. Bagi Allah kemuliaan selama-lamanya. Amin.

Persembahan yang benar

12 ¹ Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh

11:33: Yes 55:8. **11:34:** Yes 40:13. **11:35:** Ayb 41:11.

11:36: 1Kor 8:6.

badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar. ² Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.

³ Aku berkata kepada setiap orang daripadamu, melalui kasih kurnia yang diberikan kepadaku: Janganlah nilai dirimu lebih tinggi daripada sepatutnya, sebaliknya nilailah dirimu sewajarnya, selaras dengan kadar iman yang telah diberikan Allah kepada setiap orang.

⁴ Sebagaimana tubuh manusia terdiri daripada beberapa anggota yang berbagai-bagai tugasnya dan bukan semua anggota itu mempunyai tugas yang sama, ⁵ begitu jugalah kita yang ramai ini, semuanya anggota satu tubuh dalam Kristus, dan saling memiliki. ⁶ Kita mempunyai kurnia yang berlainan menurut kasih kurnia yang diberikan kepada kita. Sekiranya kita dianugerahi kurnia untuk bernubuat, maka bernubuatlah menurut kadar iman kita; ⁷ kalau untuk melayani, gunakanlah dalam pelayanan kita; jika untuk mengajar, gunakanlah dalam pengajaran. ⁸ Orang yang dianugerahi

kurnia untuk menasihati, hendaklah dia menggunakannya dalam memberikan nasihat; kalau untuk memberi, lakukanlah dengan murah hati; kiranya untuk memimpin, berilah pimpinan dengan bersungguh-sungguh; dan jika untuk menunjukkan belas kasihan, lakukanlah dengan sukacita.

Hidup dalam kasih

⁹ Kasih hendaklah bersih daripada pura-pura. Bencilah kejahatan. Berpeganglah kepada kebaikan. ¹⁰ Hendaklah kamu bersikap baik dan mengasihi sesama sendiri dengan kasih persaudaraan, serta saling menghormati dan mengutamakan; ¹¹ jangan biarkan kerajinanmu berkurangan; hendaklah semangat rohanimu tetap berkobar-kobar; sentiasa abdikan diri kepada Tuhan. ¹² Bergembiralah dalam harapan, tabah menghadapi kesusahan, dan terus-menerus berdoa. ¹³ Berilah bantuan untuk memenuhi keperluan orang salih, dan berikan tempat menumpang.

¹⁴ Pohonlah berkat bagi orang yang menganiaya kamu, dan jangan kutuk mereka. ¹⁵ Bergembiralah dengan orang yang bergembira, dan menangislah dengan orang yang menangis.

¹⁶ Bersatu hatilah sesama kamu. Jangan tinggi hati, sebaliknya bergaullah dengan golongan yang sederhana. Jangan anggap dirimu bijaksana.

¹⁷ Jangan balas kejahatan dengan kejahatan. Perhatikan apa yang baik di mata semua orang. ¹⁸ Setakat yang mungkin, jika dalam keupayaanmu, hiduplah dalam damai dengan semua manusia. ¹⁹ Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah berusaha membalas dendam, serahkanlah kepada kemurkaan Allah, kerana telah tersurat: “Pembalasan adalah hak-Ku. Akulah yang akan membalas,” demikian firman Tuhan. ²⁰ Oleh itu, “Jika musuhmu lapar, berilah dia makan; jika dia dahaga, beri dia minum; Kerana dengan berbuat demikian, kamu menimbunkan bara api ke atas kepalanya.” ²¹ Jangan ditewaskan oleh kejahatan, tetapi tewaskanlah kejahatan dengan kebaikan.

Tunduk kepada pemerintah

13 ¹ Setiap orang harus tunduk kepada pihak berkuasa, kerana tidak ada kekuasaan yang tidak datang daripada Allah, dan pihak berkuasa yang ada telah ditetapkan oleh Allah. ² Oleh itu, sesiapa yang menentang pihak berkuasa menentang peraturan Allah,

dan sesiapa yang menentang membawa hukuman ke atas dirinya. ³ Pemerintah tidak menakutkan orang yang berbuat baik, hanya mereka yang berbuat jahat. Inginkah kamu bebas daripada rasa takut terhadap pemerintah? Lakukan kebajikan, pasti kamu akan dipujinya. ⁴ Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk membawa kebaikan kepadamu. Tetapi jika kamu melakukan kejahatan, wajarlah kamu takut, kerana pedang yang dibawanya tentu sekali untuk digunakan. Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk menjalankan pembalasan dengan menimpakan kemurkaan Allah ke atas orang yang berbuat jahat. ⁵ Oleh itu tunduklah, bukan hanya kerana takut dimurkai Allah tetapi juga kerana menurut hati nuranimu sendiri.

⁶ Dengan sebab itu jugalah kamu harus membayar cukai. Pemerintah ialah penjawat yang ditugaskan Allah untuk mengendalikan hal itu. ⁷ Oleh itu, bayarlah apa yang wajar dibayar kepada setiap pihak: Sekiranya cukai, bayarlah cukai; sekiranya hasil, bayarlah hasil. Dan takutilah orang yang patut ditakuti, dan hormatilah orang yang patut dihormati.

Kasih-mengasihi

⁸ Jangan berasa terhutang apa-apa kepada sesiapa pun kecuali kasih-mengasihi, kerana seseorang yang mengasihi sesama manusia telah memenuhi hukum; ⁹ kerana perintah-perintah, “Jangan berzina”, “Jangan membunuh”, “Jangan mencuri”, “Jangan ingini milik orang lain” dan perintah-perintah yang lain adalah terangkum dalam perintah ini, “Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.”

¹⁰ Kasih tidak berbuat jahat kepada sesama manusia. Oleh itu, kasih memenuhi hukum.

¹¹ Kamu tahu bahawa sudah sampai waktunya kamu bangun dari tidur, kerana kini penyelamatan lebih dekat lagi kepada kita daripada dahulu, ketika kita baru beriman.

¹² Malam sudah hampir berlalu, dan siang hampir tiba. Oleh itu, lucutkanlah segala kerja kegelapan dan kenakan kelengkapan senjata cahaya.

¹³ Ikutlah tingkah laku yang wajar, sebagaimana orang berjalan pada siang hari. Jangan berpesta liar dan mabuk, jauhi noda dan pencabulan, singkirkan pergaduhan dan iri hati. ¹⁴ Kenakan Tuhan Yesus Kristus sebagai kelengkapan senjata

dan jangan hidup mengikut sifat tabii untuk memuaskan hawa nafsu.

Yang lemah dan yang kuat

14 ¹ Terimalah orang yang lemah imannya, tanpa menghakimi hal-hal yang boleh dipertikaikan. ² Ada orang yang yakin dia boleh makan semua jenis makanan, tetapi ada juga orang yang lemah imannya dan hanya makan sayur-sayuran. ³ Namun demikian, orang yang makan semua jenis makanan janganlah menghina orang yang tidak makan sesuatu; dan orang yang tidak makan sesuatu janganlah menghakimi orang yang makan semua jenis makanan, kerana Allah telah menerima dia. ⁴ Siapakah kamu maka berani menghakimi hamba orang lain? Sama ada dia tetap berdiri atau jatuh, terpulanglah kepada tuannya. Malah dia akan tetap berdiri kerana Tuhan berkuasa membuatnya tetap berdiri.

⁵ Ada orang yang mengutamakan hari tertentu daripada yang lain, dan ada pula yang menganggap semua hari sama baiknya. Setiap orang harus membuat keputusan bagi dirinya sendiri, selaras dengan keyakinannya. ⁶ Mereka yang mengutamakan hari-hari tertentu berbuat demikian untuk menghormati Tuhan.

Mereka yang makan semua jenis makanan melakukannya untuk menghormati Tuhan, kerana mereka mengucap syukur kepada Allah; manakala mereka yang tidak makan beberapa jenis makanan juga melakukannya untuk menghormati Tuhan, dan mengucap syukur kepada Allah. ⁷ Tiada seorang pun dalam kalangan kita yang hidup bagi diri sendiri, dan tiada seorang pun dalam kalangan kita yang mati bagi diri sendiri. ⁸ Jika kita hidup, kita hidup bagi Tuhan; dan jika kita mati, kita mati bagi Tuhan. Oleh itu, baik kita hidup mahupun mati, kita ialah milik Tuhan. ⁹ Kristus mati dan bangkit lalu hidup semula untuk menjadi Tuhan kepada yang mati dan yang hidup. ¹⁰ Mengapakah kamu menghakimi saudaramu? Dan mengapa kamu menghina saudaramu? Kita semua akan berdiri di hadapan takhta penghakiman Allah. ¹¹ Kerana telah tersurat:

“Demi Aku yang hidup.” Tuhan berfirman,
“Setiap orang akan bertekuk lutut di
hadapan-Ku;
dan setiap lidah akan mengaku kepada
Allah.”

¹² Nyatalah bahawa setiap orang daripada kita akan dipertanggungjawabkan memberi pernyataan tentang dirinya kepada Allah.

¹³ Oleh itu, janganlah lagi kita menghakimi sesama sendiri. Sebaliknya bertekadlah tidak akan membuat saudaramu tersandung atau terjatuh. ¹⁴ Dalam Tuhan Yesus, aku tahu dan percaya bahawa tiada sesuatu pun yang najis. Namun demikian, sesuatu menjadi najis bagi seseorang yang menganggapnya najis.

¹⁵ Sekiranya saudaramu bersedih kerana sesuatu yang kamu makan, maka kamu tidaklah lagi hidup berasaskan kasih. Jangan mudaratkan sesiapa disebabkan makananmu, kerana Kristus telah berkorban nyawa untuk dia juga. ¹⁶ Jangan sampai sesuatu yang kamu anggap baik disebut sebagai kejahatan. ¹⁷ Kerajaan Allah bukanlah soal makan minum, tetapi soal perbenaran^s dan kesejahteraan serta kegembiraan dalam Roh Kudus. ¹⁸ Orang yang mengabdikan diri kepada Kristus dengan cara ini akan diredai Allah dan disukai manusia.

¹⁹ Oleh itu, marilah kita mengejar hal-hal yang membawa kesejahteraan dan yang

^s**14:17** Istilah 'perbenaran' membawa beberapa erti. Salah satu ertinya merujuk kepada tingkah laku benar seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah, serta melaksanakan kehendak dan tuntutan-Nya.

membina kebaikan sesama sendiri. ²⁰ Jangan rosakkan rancangan Allah semata-mata kerana makanan! Semua makanan adalah suci, tetapi seseorang dianggap bersalah sekiranya sesuatu yang dimakannya menyebabkan orang lain tersandung. ²¹ Sebaik-baiknya jauhilah makan daging atau minum air anggur atau apa sahaja yang dapat melemahkan saudaramu. ²² Apa yang kamu percayai, percayailah sendirian di hadapan Allah. Diberkatilah orang yang tidak perlu mengadili dirinya tentang sesuatu yang dipercayainya benar. ²³ Sebaliknya, seseorang yang makan sesuatu dengan perasaan waswas adalah bersalah kerana perbuatannya itu tidak berasaskan iman. Segala yang tidak berasaskan iman itu adalah dosa.

Menerima satu sama lain

15 ¹ Yang kuat dalam kalangan kita hendaklah menampung kelemahan orang yang tidak kuat, dan jangan hanya menyukakan hati sendiri. ² Setiap orang antara kita haruslah menyukakan hati sesama saudaranya demi kebbaikannya supaya dia menjadi teguh. ³ Kristus tidak menyukakan hati-Nya sendiri; sebaliknya telah tersurat: “Segala celaan daripada mereka

yang mencela-Mu telah menimpa-Ku.”⁴ Segala yang tersurat pada masa dahulu adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita, supaya melalui kesabaran dan penghiburan daripada Kitab Suci itu kita mendapat harapan.⁵ Semoga Allah yang memberikan kesabaran dan galakan, mengurniaimu perpaduan yang sama terhadap satu sama lain, menurut Kristus Yesus.⁶ Dengan demikian dapatlah kamu dengan sebulat hati dan suara memuliakan Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus.

⁷ Terimalah satu sama lain, sebagaimana Kristus telah menerima kita, demi kemuliaan Allah.

⁸ Sekarang aku berkata kepadamu bahawa Yesus Kristus telah menjadi hamba kepada umat yang bersunat demi kebenaran Allah, untuk meneguhkan janji yang telah dibuat kepada nenek moyang kita,⁹ dan supaya bangsa-bangsa lain juga memuliakan Allah kerana belas kasihan-Nya, sebagaimana telah tersurat:

“Kerana itulah Aku akan memuliakan-Mu dalam kalangan bangsa lain, menyanyikan pujian bagi nama-Mu.”

¹⁰ Seterusnya dikatakan lagi:

“Bergembiralah, semua bangsa, bersama umat-Nya!”

¹¹ Kemudian,

“Pujilah Tuhan, hai semua bangsa!

Pujilah Dia, hai kamu semua manusia!”

¹² Yesaya menyampaikan juga:

“Tunas Isai akan muncul;

Dialah yang bangkit memerintah bangsa-
bangsa,

kepada-Nyalah bangsa-bangsa akan menaruh
harapan.”

¹³ Semoga Allah, sumber harapan, memenuhi hatimu dengan kegembiraan dan kesejahteraan dalam iman, supaya kamu dilimpahi harapan dengan kuasa Roh Kudus.

Pelayanan Paulus

¹⁴ Sekarang aku yakin tentangmu, saudara-saudaraku, bahawa kamu juga penuh dengan kebaikan dan pengetahuan serta dapat saling menasihati. ¹⁵ Namun begitu, saudara-saudaraku, aku telah menulis kepadamu dengan lebih tegas tentang hal-hal tertentu kerana kasih kurnia yang telah dirahmati Allah kepadaku, ¹⁶ untuk menjadikan aku hamba Kristus Yesus bagi bangsa-bangsa lain dalam pelayanan pemberitaan Injil Allah, supaya persembahan bangsa-bangsa lain itu diterima Allah disucikan

oleh Roh Kudus. ¹⁷ Dengan demikian aku dapat berbangga dalam Kristus Yesus tentang hal-hal berkaitan Allah. ¹⁸ Aku tidak akan berani bercakap tentang sesuatu selain yang telah dilakukan oleh Kristus melaluiku, dengan kata-kata dan perbuatan, untuk menjadikan bangsa-bangsa lain itu taat, ¹⁹ dalam bentuk tanda dan keajaiban besar, dengan kuasa Roh Allah. Dari Yerusalem dan sekitarnya sampai ke Ilirikum aku telah mengkhabarkan Injil^t Kristus dengan sepenuhnya. ²⁰ Aku ingin mengkhabarkan Injil^u ini ke tempat-tempat nama Kristus belum disebut orang. Dengan demikian aku tidak membina di atas tapak yang telah diletakkan oleh orang lain. ²¹ Sebagaimana yang telah tersurat:

“Mereka yang belum pernah mendapat khabar tentang-Nya akan melihat,
dan mereka yang belum pernah mendengar akan mengerti.”

²² Itulah sebabnya selalu sahaja tergendala hasratku hendak mengunjungimu.

^t**15:19** Atau: Berita baik.

^u**15:20** Atau: Berita baik.

15:21: Yes 52:15. **15:22:** Rm 1:13.

Rancangan Paulus mengunjungi Roma

²³ Namun sekarang, kerana tiada lagi tempat bagiku di sini, dan sudah bertahun-tahun aku ingin melawatmu, ²⁴ aku berharap dapat singgah di tempatmu ketika aku ke Sepanyol dan dapat bertemu denganmu. Aku juga berharap kamu akan membantuku meneruskan perjalanan ke sana setelah sejenak aku bergembira bersamamu. ²⁵ Tetapi kini aku sedang dalam perjalanan ke Yerusalem untuk membawakan bantuan kepada orang salih. ²⁶ Orang Makedonia dan Akhaya telah membuat keputusan turut membantu orang salih yang miskin di Yerusalem. ²⁷ Ini dilakukan mereka dengan rela hati, malah mereka menganggapnya suatu kewajipan; kerana jika bangsa-bangsa lain telah mendapat bahagian bersama orang Yahudi dalam hal-hal rohani, maka seharusnya mereka berbakti kepada orang Yahudi dalam hal-hal lahiriah. ²⁸ Setelah menjalankan tugas ini dan menyerahkan apa yang telah dikumpulkan, aku akan belayar ke Sepanyol dan singgah di tempatmu. ²⁹ Aku yakin bahawa apabila ke tempatmu, aku akan datang dengan berkat Kristus yang melimpah.

³⁰ Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, demi Tuhan Yesus Kristus dan demi kasih daripada Roh Kudus, berdoalah bersungguh-sungguh bersamaku kepada Allah bagi diriku, ³¹ supaya aku terhindar daripada orang yang tidak beriman di Yudea dan supaya bantuan yang kubawakan ke Yerusalem ini disambut baik oleh orang salih di situ; ³² supaya dengan izin Allah aku sampai di tempatmu dengan gembira dan dapat berehat bersamamu. ³³ Semoga Allah, sumber kesejahteraan, menyertai kamu semua. Amin.

Salam

16 ¹ Aku amanahkan kepadamu Febe, saudari kita, seorang yang mengabdikan diri kepada jemaah di Kengkrea, ² supaya kamu menyambutnya dalam Tuhan sebagaimana yang wajar di antara orang salih, serta membantunya apabila dia memerlukan pertolonganmu, kerana dia telah menolong ramai orang, termasuklah aku.

³ Sampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, rakan-rakan seperjuanganku dalam Kristus Yesus. ⁴ Mereka telah bergadai nyawa untukku. Bukan aku sahaja yang terhutang budi kepada mereka, malah seluruh jemaah daripada

bangsa-bangsa lain. ⁵ Salam kepada jemaah yang berhimpun di rumah mereka.

Salam kepada Epenetus, saudara yang kukasihi, orang yang pertama beriman kepada Kristus di Asia. ⁶ Salam kepada Maria, yang telah bertungkus-lumus untukmu. ⁷ Salam kepada Andronikus dan Yunias, saudara-saudara sebangsaku dan teman-temanku di dalam penjara. Mereka ialah orang terkemuka di antara para rasul, dan yang telah menerima Kristus sebelumku.

⁸ Salam kepada Ampliatus yang kukasihi dalam Tuhan. ⁹ Salam kepada Urbanus, rakan seperjuangan kamu dalam Kristus, dan juga kepada Stakhis yang kukasihi. ¹⁰ Salam kepada Apeles, yang diperkenan dalam Kristus. Salam kepada Aristobulus dan seisi rumahnya. ¹¹ Salam kepada Herodion, saudara sebangsaku. Salam kepada Narkisus sekeluarga, yang hidup dalam Tuhan.

¹² Sampaikan salamku kepada Trifena dan Trifosa, yang telah berpenat lelah dalam Tuhan. Salam kepada Persis yang kukasihi, yang juga telah bertungkus-lumus dalam Tuhan. ¹³ Salam kepada Rufus, hamba yang terpilih dalam Tuhan, dan kepada ibunya, yang telah menjadi ibu juga

kepadaku. ¹⁴ Salam kepada Asinkritus, Flegon, Hermes, Patrobas, Hermas dan saudara-saudara yang bersama mereka. ¹⁵ Salam kepada Filologus dan Yulia, Nereus dan saudara perempuannya Olimpas, serta semua orang salih yang bersama mereka. ¹⁶ Bersalam-salamanlah dengan ciuman suci. Jemaah-jemaah Kristus berkirim salam kepadamu.

¹⁷ Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, berwaspadalah terhadap mereka yang menimbulkan perpecahan dan menyesatkan orang daripada ajaran yang telah kamu terima. Berpalinglah daripada mereka. ¹⁸ Orang demikian bukanlah hamba Tuhan Kristus tetapi hamba kepada hawa nafsu mereka sendiri. Mereka memperdaya hati orang yang lurus dengan kata-kata yang manis. ¹⁹ Semua orang telah mengetahui ketaatanmu. Oleh itu, aku bergembira tentangmu. Aku mahu kamu bijak dalam kebaikan serta bersih daripada kejahatan. ²⁰ Allah, sumber kesejahteraan, akan segera membuat Iblis hancur di bawah kakimu.

Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu semua.

²¹ Timotius, rakan seperjuanganku, berkirim salam kepadamu; begitu juga Lukius, Yason dan Sosipater, kawan-kawan sebangsaku.

²² Aku, Tertius, yang menulis surat ini, juga berkirim salam kepadamu dalam Tuhan.

²³ Gayus, yang memberiku tempat menumpang serta semua jemaah yang berhimpun di rumahnya, berkirim salam kepadamu. Salam juga daripada Erastus, bendahara kota, dan Kuartus, saudara kita. ²⁴ Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu semua.

²⁵ Sekarang, kepada Dia yang berkuasa meneguhkan kamu menurut Injil yang kusampaikan dan perkhabaran tentang Yesus Kristus, menurut pernyataan rahsia yang tersembunyi sejak permulaan dunia ²⁶ tetapi kini telah dinyatakan, dan melalui nubuat-nubuat dalam Kitab Suci telah disampaikan kepada semua bangsa, menurut perintah Allah yang kekal, supaya mereka dibawa mentaati iman; ²⁷ kepada Allah sahaja, yang penuh bijaksana, segala kemuliaan melalui Yesus Kristus selama-lamanya. Amin.

16:21: Kis 16:1.

16:23 a: Kis 19:29; 1Kor 1:14; **b:** 2Tim 4:20.

1 KORINTUS

Salam

1 ¹ Daripada Paulus yang dengan kehendak Allah telah dilantik sebagai rasul Kristus Yesus, dan daripada Sostenes, saudara kita,

² Kepada jemaah Allah di Korintus, yang telah disucikan dalam Kristus Yesus, dan yang telah dipanggil untuk menjadi orang salih bersama semua orang di mana jua, yang berseru kepada nama Tuhan kita Yesus Kristus, Tuhan mereka dan Tuhan kita juga.

³ Semoga Allah Bapa kita dan Tuhan Yesus Kristus menganugerahimu kasih kurnia dan damai sejahtera.

Ucapan syukur

⁴ Aku sentiasa bersyukur kepada Allah kerana kamu, sebab Dia telah menganugerahimu kasih kurnia dalam Kristus Yesus. ⁵ Oleh sebab di dalam Dia, kamu telah diperkaya dalam segala hal: dalam segala perkataan dan dalam segala pengetahuan; ⁶ bahkan kesaksian tentang Kristus

telah diperkukuh dalam dirimu, ⁷ sehingga kamu tidak kekurangan satu kurnia pun sementara menunggu Tuhan kita Yesus Kristus dinyatakan. ⁸ Dia akan menguatkanmu hingga akhir supaya kamu tidak bercela pada hari Tuhan kita Yesus Kristus. ⁹ Allah setia, dan Dia telah memanggilmu hidup dalam keakraban dengan Anak-Nya, Yesus Kristus, Tuhan kita.

Perpecahan dalam kalangan jemaah

¹⁰ Saudara-saudaraku! Demi nama Tuhan kita Yesus Kristus aku berseru kepada kamu semua supaya seia sekata dan tidak wujud perpecahan. Dengan demikian, kamu bersatu hati dan fikiran sepenuhnya. ¹¹ Saudara-saudaraku, beberapa orang anggota keluarga Kloe telah menyatakan kepadaku bahawa berlaku sengketa antara kamu. ¹² Inilah yang kumaksudkan: Ada orang yang berkata, “Aku mengikut Paulus”; ada yang berkata, “Aku mengikut Apolos”; ada yang berkata, “Aku mengikut Kefas”; dan ada pula yang berkata, “Aku mengikut Kristus.” ¹³ Adakah Kristus berbelah bahagi? Bukannya Paulus yang mati di kayu salib untukmu! Bukanlah kamu telah dibaptiskan dalam nama Paulus!

¹⁴ Aku bersyukur kepada Allah kerana aku tidak membaptis kamu, kecuali Krispus dan Gayus.

¹⁵ Oleh itu, tiada siapa pun dapat mengatakan kamu dibaptiskan dalam namaku. ¹⁶ (Sebenarnya, aku juga membaptis Stefanus sekeluarga. Selain itu, aku tidak ingat siapakah lagi yang kubaptis.)

¹⁷ Kristus mengutusku bukan untuk membaptis orang, tetapi untuk menyampaikan Injil. Aku menyampaikannya bukan dengan kata-kata kebijaksanaan manusia. Dengan demikian salib Kristus tidak menjadi sia-sia.

Kebijaksanaan Allah dan kebijaksanaan manusia

¹⁸ Bagi mereka yang akan binasa, berita tentang salib dianggap suatu kebodohan. Namun demikian, bagi kita yang diselamatkan Allah, berita itu menunjukkan kekuasaan-Nya. ¹⁹ Telah tersurat:

“Allah berfirman,

‘Aku akan memusnahkan kebijaksanaan orang yang bijak.

Dan kepandaian orang yang pandai Aku akan ketepikan.’ ”

1:14 a: Kis 18:8; **b:** Kis 19:29; Rm 16:23.

1:16: 1Kor 16:15. **1:19:** Yes 29:14.

²⁰ Jadi, di manakah orang yang bijak? Di manakah ahli Taurat? Di manakah orang berilmu zaman ini? Bukankah Allah telah menunjukkan bahawa kebijaksanaan dunia sebenarnya kebodohan semata-mata?

²¹ Oleh sebab kebijaksanaan Allah, Dia telah menetapkan bahawa dunia tidak mungkin mengenal-Nya dengan kebijaksanaan sendiri. Allah berkenan menyelamatkan orang yang beriman kepada-Nya melalui berita yang kami khabarkan, yang dianggap sebagai kebodohan.

²² Orang Yahudi menuntut tanda berbentuk mukjizat, manakala orang Yunani menuntut kebijaksanaan. ²³ Sebaliknya kami memberitakan Kristus yang disalib. Hal ini menjadi batu sandungan kepada orang Yahudi dan dipandang bodoh oleh bangsa-bangsa lain. ²⁴ Namun demikian, bagi mereka yang dipanggil Allah, baik orang Yahudi mahupun orang Yunani, Kristus kuasa Allah dan kebijaksanaan Allah.

²⁵ Kebodohan Allah lebih bijak daripada kebijaksanaan manusia. Kelemahan Allah lebih kuat daripada kekuatan manusia.

²⁶ Saudara-saudara! Fikirkan keadaanmu ketika Allah memanggilmu. Di mata manusia, tidak ramai daripadamu yang bijak, atau berkuasa,

atau bangsawan. ²⁷ Sememangnya Allah memilih yang bodoh di dunia untuk memalukan yang bijak. Allah memilih yang lemah di dunia untuk memalukan yang kuat. ²⁸ Allah memilih yang rendah dan dihina di dunia bahkan yang tidak ada untuk meniadakan yang ada. ²⁹ Oleh itu, tiada siapa pun dapat bermegah di hadirat Allah. ³⁰ Oleh sebab Allah, kamu berada dalam Kristus Yesus. Allah telah membuat Dia menjadi kebijaksanaan bagi kita, dan melalui Dia, Allah memperbenar, menyucikan, serta menebus kita. ³¹ Dengan demikian, sebagaimana telah tersurat, “Jika sesiapa yang bermegah, maka hendaklah dia bermegah dalam Tuhan.”

2 ¹ Saudara-saudaraku! Ketika aku datang kepadamu untuk menyampaikan rahsia Allah, aku tidak datang dengan kata-kata indah atau kebijaksanaan. ² Sebabnya sewaktu aku bersamamu, aku telah bertekad untuk menyampaikan berita tentang Yesus Kristus semata-mata, khususnya tentang kematian-Nya di kayu salib. ³ Oleh itu, ketika aku mendekatimu, aku daif dan gementar ketakutan. ⁴ Dan perkhabaran serta pengajaranku tidak disampaikan dengan kata-kata hikmah yang meyakinkan. Sebaliknya aku menyampaikannya

secara menunjukkan kuasa Roh. ⁵ Dengan demikian, imanmu bukanlah berasaskan kebijaksanaan manusia, tetapi berasaskan kuasa Allah.

Kebijaksanaan yang benar

⁶ Namun begitu, aku berkata juga tentang kebijaksanaan kepada mereka yang sudah matang kehidupan rohani. Kebijaksanaan itu bukanlah kebijaksanaan dunia, atau kebijaksanaan para pemerintah dunia ini, kerana kuasa mereka akan punah. ⁷ Kebijaksanaan yang kusampaikan itu kebijaksanaan daripada Allah, di luar pengetahuan manusia, yang telah diwujudkan-Nya untuk kemuliaan kita sebelum Dia mencipta dunia ini. ⁸ Para pemerintah dunia ini tidak mengetahui kebijaksanaan itu. Kalaulah mereka tahu, mereka tidak akan menyalib Tuhan Yang Mulia. ⁹ Sebagaimana telah tersurat:

“Apa yang belum pernah dilihat oleh mata,
atau didengar oleh telinga,
atau timbul dalam hati manusia,
itulah yang disediakan Allah
untuk mereka yang mengasihi-Nya.”

¹⁰ Akan tetapi kepada kita, Allah menyatakannya melalui Roh-Nya, kerana Roh itu yang menyoroti

segala-galanya, termasuk rahsia Allah yang paling dalam. ¹¹ Siapakah antara kita yang mengetahui apa yang terdapat dalam diri seseorang selain roh orang itu sendiri yang berada dalam dirinya? Begitulah juga tidak ada seorang pun yang mengetahui apa yang terdapat dalam diri Allah selain Roh Allah. ¹² Kita tidak menerima roh dunia ini. Kita menerima Roh daripada Allah agar mengetahui segala kurnia Allah kepada kita.

¹³ Jadi, segala perkara ini kami sampaikan bukan dengan kata-kata daripada kebijaksanaan manusia tetapi daripada ajaran Roh yang menggabungkan fikiran rohani dengan kata-kata rohani. ¹⁴ Orang jasmani yang tidak mempunyai Roh tidak dapat menerima hal-hal daripada Roh Allah, kerana dia menganggap hal-hal itu kebodohan semata-mata, dan dia tidak dapat memahaminya, disebabkan hal-hal itu hanya dapat dinilai secara rohani. ¹⁵ Orang rohani menilai segala-galanya tetapi tiada siapa dapat menilai orang itu. ¹⁶ Sebabnya:

“Siapakah yang mengetahui fikiran Tuhan?

Siapakah yang berupaya menasihati-Nya?”

Namun demikian, kita mempunyai fikiran Kristus!

Perselisihan

3¹ Saudara-saudaraku! Aku tidak dapat bercakap denganmu seperti dengan orang yang mempunyai Roh Kudus. Aku terpaksa bercakap denganmu seperti dengan orang yang masih hidup secara duniawi atau yang masih mentah dalam Kristus.² Dulu aku memberimu susu kerana kamu belum sedia menerima makanan pepejal.^v Tetapi sekarang pun kamu masih belum bersedia menerimanya.³ Sebabnya kamu masih hidup secara duniawi. Kamu berdengki-dengikian dan berbalah; bukankah itu tanda kamu masih hidup secara duniawi, sama seperti manusia biasa?⁴ Apabila seorang daripadamu berkata, “Aku mengikut Paulus” dan seorang lagi berkata, “Aku mengikut Apolos”, bukankah kelakuanmu sama seperti kelakuan orang dunia ini?

⁵ Siapakah Apolos? Siapakah Paulus? Kami hanyalah hamba Allah yang memimpinmu ke arah iman terhadap Kristus. Kami sekadar menjalankan tugas yang ditetapkan oleh Tuhan.

⁶ Aku menyemaikan benih manakala Apolos

^v**3:2** Atau: Makanan keras.

3:2: Ibr 5:12,13. **3:4:** 1Kor 1:12.

3:6 a: Kis 18:4-11; **b:** Kis 18:24-28.

menyiram, tetapi Allah yang membolehkan tanaman itu tumbuh. ⁷ Yang menyemaikan benih dan yang menyiram tidak penting. Hanya Allah yang penting, kerana Dialah yang membolehkan tanaman itu tumbuh. ⁸ Yang menyemaikan benih dan yang menyiram mempunyai kedudukan yang sama. Allah akan mengurniakan ganjaran berdasarkan kerja masing-masing. ⁹ Kami sama-sama pekerja Allah, dan kamu ibarat ladang Allah.

Kamu juga boleh diumpamakan sebagai bangunan Allah. ¹⁰ Dengan kasih kurnia Allah, aku sebagai pembina yang mahir telah meletakkan asas bangunan itu, lalu orang lain membina bangunan di atas asas itu. Setiap orang yang membina perlu berhati-hati. ¹¹ Kerana tiada siapa yang dapat meletakkan asas selain asas yang telah tersedia, iaitu Yesus Kristus. ¹² Ada orang yang menggunakan emas, perak atau permata untuk membina bangunan di atas asas itu. Ada pula yang menggunakan kayu, rumput kering atau jerami. ¹³ Mutu kerja setiap orang akan terserlah pada hari Tuhan datang kembali, kerana ia akan diuji dengan api. ¹⁴ Sekiranya bangunan yang didirikan di atas asas itu tahan api, pembinaanya akan mendapat ganjaran. ¹⁵ Sebaliknya, jika bangunan yang dibina oleh seseorang itu dimakan api, dia akan kerugian,

walaupun dirinya terselamat seperti orang yang terlepas daripada kebakaran.

¹⁶ Kamu tentu tahu bahawa kamu bait Allah, kerana Roh Allah tinggal di dalam dirimu. ¹⁷ Oleh itu, sekiranya seseorang memusnahkan Bait Allah, Allah akan memusnahkan orang itu, kerana Bait Allah itu suci dan kamulah bait Allah itu.

¹⁸ Janganlah menipu diri. Jika sesiapa dalam kalanganmu menganggap dirinya bijak berdasarkan penilaian dunia, dia harus menjadikan dirinya bodoh di mata dunia supaya dia benar-benar bijak; ¹⁹ kerana apa yang dipandang dunia sebagai kebijaksanaan sebenarnya kebodohan di mata Allah. Telah tersurat: “Allah memerangkap orang bijak dengan kecerdikan mereka sendiri.” ²⁰ Juga tersurat: “Tuhan mengetahui fikiran orang bijak itu sia-sia.” ²¹ Jadi, janganlah bermegah dengan perbuatan manusia, kerana segala-galanya telah dikurniakan kepadamu. ²² Paulus, Apolos, Kefas, dunia ini, hidup dan mati, zaman ini dan zaman akan datang, segala-galanya milikmu, ²³ dan kamu milik Kristus, dan Kristus milik Allah.

3:16: 1Kor 6:19; 2Kor 6:16. **3:19:** Ayb 5:13.

3:20: Mzm 94:11.

Hamba Kristus

4¹ Kamu hendaklah memandang kami sebagai hamba Kristus yang diamanahkan dengan rahsia-rahsia Allah.² Setelah dipertanggungjawabkan dengan amanah, hamba demikian itu wajib membuktikan bahawa dia dapat dipercayai.³ Aku tidak peduli baik diadili oleh kamu mahupun orang lain; malah diriku sendiri pun tidak aku adili.⁴ Aku tidak berasa bersalah, tetapi ini tidak bererti aku tidak bersalah. Yang berhak mengadili aku hanya Tuhan sendiri.⁵ Oleh itu, janganlah menghakimi seseorang sama ada dia bersalah atau tidak sebelum sampai waktunya. Tunggulah hingga Tuhan datang kembali dan mendedahkan segala rahsia yang diselubungi kegelapan, segala niat yang terpendam dalam hati manusia. Ketika itulah setiap orang akan mendapat penilaian yang sewajarnya daripada Allah.

⁶ Saudara-saudaraku! Untuk kebaikanmu, segala ini telah kukerjakan dalam diriku dan Apolos supaya dengan mengikut teladan kami, kamu dapat mengerti kata-kata hikmah ini: "Janganlah melampaui apa yang telah tersurat." Dengan demikian, kamu tidak memegahkan seseorang daripada yang lain.⁷ Siapakah yang menjadikan dirimu lebih baik daripada yang

lain? Apakah yang ada padamu yang tidak kamu terima? Jadi, jika kamu memang menerimanya, mengapakah kamu bermegah, seolah-olah apa yang ada padamu itu bukan kurnia-Nya?

⁸ Ya, kamu tidak memerlukan apa-apa lagi! Kamu memang sudah kaya-raja! Tanpa kami pun kamu sudah menjadi raja! Namun demikian, kamu tidak begitu. Alangkah baiknya jika kamu benar-benar raja. Dapatlah kami memerintah bersamamu. ⁹ Pada pandanganku, Allah memberikan kedudukan paling rendah kepada kami para rasul; tak ubah seperti orang yang dijatuhi hukum mati bagi tontonan dunia, para malaikat dan manusia. ¹⁰ Kerana Kristus, kami menjadi orang yang bodoh; tetapi kerana Kristus, kamu menjadi orang bijak. Kami lemah, namun kamu kuat! Kami dihina, sedangkan kamu dimuliakan! ¹¹ Hingga saat ini kami lapar dan dahaga, berpakaian lusuh, didera, tiada tempat tinggal yang tetap. ¹² Kami bertungkus lumus menyara hidup. Kami membalas sumpah seranah dengan berkat restu, dan bersabar ketika dianiaya. ¹³ Kami membalas caci maki dengan kata-kata yang baik. Kami dianggap sampah masyarakat, sampah dunia hingga sekarang.

¹⁴ Aku menulis demikian kepadamu bukanlah untuk memalukanmu, tetapi untuk menasihatimu sebagai anak-anakku yang kusayangi. ¹⁵ Walaupun kamu mungkin mempunyai sepuluh ribu orang pengasuh dalam Kristus, bapamu tidaklah ramai. Sebabnya dalam Kristus Yesus, aku seperti bapamu yang telah membawa Injil kepadamu. ¹⁶ Oleh itu, aku menyeru kamu, ikutlah teladanku. ¹⁷ Bagi tujuan itu aku mengutus Timotius, anakku yang dikasihi dan setia dalam Tuhan. Dia akan mengingatkan kamu tentang jalan hidup yang kuikut dalam Kristus Yesus, iaitu jalan hidup yang telah kuajarkan kepada jemaah di serata tempat.

¹⁸ Ada antara kamu yang bersikap angkuh kerana menyangka aku tidak akan mengunjungimu.

¹⁹ Kiranya diizinkan Tuhan, aku akan mengunjungimu tidak lama lagi dan melihat bukan hanya apa yang dikatakan oleh orang yang angkuh itu tetapi apa kuasa mereka. ²⁰ Kerana kerajaan Allah bukan sekadar kata-kata sahaja tetapi terdiri daripada kuasa. ²¹ Mana yang kamu pilih? Agar aku datang kepadamu dengan rotan, atau dengan kasih sayang dan lemah lembut?

Dosa dalam jemaah

5¹ Aku dimaklumkan bahawa dalam kalanganmu ada perbuatan cabul yang tidak pernah dilakukan oleh orang yang tidak mengenal Tuhan pun: Seorang lelaki berzina dengan isteri ayahnya.² Namun begitu, kamu masih bermegah. Sewajarnya kamu bersedih dan bertindak menyingkirkan orang yang melakukan perbuatan itu.³ Walaupun pada lahirnya aku jauh daripadamu, namun pada batinnya aku bersamamu. Aku pun sudah menjatuhkan hukuman atas orang yang melakukan perbuatan itu seolah-olah aku berada di tengah-tengah kamu.⁴ Apabila kamu berhimpun demi nama Tuhan kita Yesus, sifatkanlah aku ada dalam kalanganmu pada batinnya dan dengan kuasa Tuhan kita Yesus,⁵ serahkanlah orang itu kepada Iblis supaya tubuhnya dimusnahkan tetapi rohnya dapatlah diselamatkan pada hari Tuhan datang kembali.

⁶ Kamu tidak harus bermegah. Tentu kamu mengenal pepatah ini: "Sedikit ragi mencemari seluruh adunan."⁷ Buanglah ragi lama supaya kamu menjadi adunan baru tanpa ragi. Aku tahu bahawa kamu sebenarnya begitu. Kerana Kristus,

domba Paskah kita telah dikorbankan. ⁸ Marilah kita sambut Perayaan Paskah bukan dengan ragi yang lama, yaitu ragi kejahatan dan kezaliman, melainkan dengan roti yang tidak beragi, yaitu ketulusan hati dan keikhlasan.

⁹ Dalam suratku yang lalu, aku telah menyerumu supaya menjauhkan diri daripada orang yang cabul. ¹⁰ Orang cabul yang kumaksudkan bukanlah yang tidak mengenal Allah maka berkelakuan cabul, tamak, menipu dan menyembah berhala. Untuk menjauhkan diri daripada mereka ini, terpaksa kamu keluar dari dunia ini. ¹¹ Maksudku ialah kamu tidak harus bergaul dengan orang yang mengaku diri sebagai saudara tetapi pada hakikatnya orang yang cabul, tamak, penyembah berhala, pengumpat, pemabuk atau penipu. Janganlah makan bersama mereka.

¹² Apakah urusanku sehingga aku harus mengadili orang di luar jemaah? Bukankah kamu mengadili orang di dalam jemaah sahaja? ¹³ Tetapi bagi yang di luar jemaah, Allah sendiri akan mengadili mereka. Oleh itu, kamu harus singkirkan orang yang durjana daripada kalanganmu.

Tuntutan mahkamah tidak digalakkan

6¹ Sekiranya salah seorang antara kamu bertikai dengan yang lain, wajarkah dia bawa perkara itu ke hadapan hakim yang tidak mengenal Allah dan bukan kepada orang salih?² Tidakkah kamu tahu bahawa orang salih akan mengadili dunia ini? Jika kamu mengadili dunia ini, tidak sanggupkah kamu mengadili perkara yang kecil?³ Tidakkah kamu tahu bahawa kita akan mengadili para malaikat? Apatah lagi hal ehwal hidup sehari-hari?⁴ Adakah kamu akan membawa perkara begitu ke hadapan orang yang langsung tidak ada kedudukan dalam kalangan jemaah?⁵ Alangkah memalukan! Tentu ada seorang daripada kamu yang cukup bijaksana untuk menyelesaikan pertikaian antara saudara seiman.⁶ Tetapi tidak, seorang saudara tergamak mendakwa saudara yang lain, justeru di hadapan orang yang tidak percaya!

⁷ Dengan adanya pendakwaan sesama kamu, jelaslah bahawa kamu sudah ditewaskan. Daripada yang demikian, bukankah lebih baik kamu dipersalahkan? Bukankah lebih baik kamu dirugikan.⁸ Sebaliknya kamu sendiri yang bersalah dan merugikan saudara seimanmu sendiri!⁹ Kamu tentu tahu bahawa orang durjana tidak akan mewarisi kerajaan Allah. Janganlah

menipu diri. Orang yang berkelakuan cabul, menyembah berhala, berzina, bersetubuh dengan sesama jantina, ¹⁰ mencuri, bersikap tamak, sering mabuk, mengumpat atau merompak – semuanya tidak akan mewarisi kerajaan Allah. ¹¹ Begitulah kelakuan sebilangan daripadamu dahulu. Tetapi kamu telah dibersihkan, dikuduskan dan diperbenar dengan nama Tuhan Yesus Kristus dan dengan Roh Allah kita.

Percabulan

¹² Segala-galanya halal bagiku, tetapi bukan segala-galanya berfaedah. Segala-galanya halal bagiku, tetapi aku tidak membiarkan sesuatu pun memperhambakan diriku. ¹³ Makanan untuk perut dan perut untuk makanan. Ya, tetapi Allah akan menghapuskan kedua-duanya. Tubuh kita bukan untuk melakukan perbuatan cabul, tetapi untuk Tuhan, dan Tuhan untuk tubuh kita. ¹⁴ Allah telah membangkitkan Tuhan daripada kematian. Begitu jugalah Allah akan membangkitkan kita daripada kematian dengan kuasa-Nya.

¹⁵ Kamu tahu bahawa tubuh kamu itu sebahagian tubuh Kristus; maka wajarkah kamu menjadikannya sebahagian tubuh seorang

pelacur? Tidak sekali-kali! ¹⁶ Atau tidakkah kamu tahu bahawa seseorang yang bersetubuh dengan seorang pelacur itu menjadi satu jasad dengan pelacur itu? Dalam kitab suci jelas tersurat, “Mereka berdua menjadi satu.” ¹⁷ Apabila seseorang menyatukan diri dengan Tuhan, rohnya akan menjadi satu dengan Roh Tuhan.

¹⁸ Jauhilah perbuatan cabul. Dosa lain tidak dilakukan terhadap tubuh sendiri; tetapi seseorang yang melakukan perbuatan cabul berdosa terhadap tubuhnya sendiri.

¹⁹ Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Kudus yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah. ²⁰ Allah telah membelimu dengan harga yang sudah dibayar sepenuhnya. Oleh itu, gunakanlah tubuhmu untuk memuliakan Allah.

Tentang perkahwinan

7 ¹ Sekarang aku akan membincangkan masalah yang kamu kemukakan dalam suratmu. Jika seorang lelaki tidak berkahwin, itu memang baik. ² Namun demikian, supaya tidak tergoda melakukan perbuatan yang cabul, lebih baiklah setiap lelaki itu beristeri dan setiap perempuan bersuami. ³ Seorang suami

harus menunaikan kewajiban kepada isterinya, begitu juga seorang isteri kepada suaminya.

⁴ Seorang isteri tidak berkuasa atas tubuhnya sendiri; suaminya berkuasa atas tubuhnya.

Demikianlah juga, seorang suami tidak berkuasa atas tubuhnya sendiri; isterinya yang berkuasa atas tubuhnya.

⁵ Jangan renggangkan hubungan sebagai suami isteri, kecuali sementara waktu dengan persetujuan bersama untuk bertumpu kepada ibadat doa.

Tetapi setelah itu teruskan hubungan sebagai suami isteri, supaya Iblis tidak berjaya menggodamu kerana kamu tidak dapat menahan nafsu.

⁶ Aku menyampaikan ini bukanlah sebagai perintah tetapi sebagai nasihat.

⁷ Memanglah aku lebih suka sekiranya kamu semua sepertiku.

Tetapi Allah memberikan kurnia yang khusus; yang seorang kurnia ini, yang lain kurnia itu.

⁸ Kepada yang belum berkahwin dan kepada wanita yang telah menjadi balu. Inilah nasihatku:

Memang baik kamu terus hidup sendirian seperti aku.

⁹ Tetapi sekiranya kamu tidak dapat menahan nafsu, berkahwinlah. Ini lebih baik daripada membiarkan hawa nafsu bergelora.

¹⁰ Kepada yang sudah berkahwin, inilah perintahku, yang sebenarnya bukan perintah aku

tetapi perintah Tuhan. Seorang isteri tidak boleh meninggalkan suaminya. ¹¹ Tetapi jika seorang isteri telah meninggalkan suaminya, dia mesti terus hidup bersendirian, atau dia boleh balik kepada suaminya. Seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya.

¹² Kepada yang lain aku memberikan nasihat ini, iaitu nasihatku sendiri, bukan perintah Tuhan: Jika seorang lelaki beriman mempunyai isteri yang tidak beriman dan isteri itu bersetuju terus hidup bersamanya, maka lelaki itu tidak boleh menceraikan isterinya. ¹³ Jika seorang wanita beriman mempunyai suami yang tidak beriman dan suami itu bersetuju untuk terus hidup bersamanya, maka wanita itu tidak boleh menceraikan suaminya. ¹⁴ Seorang suami yang tidak beriman menjadi suci kerana isterinya. Demikian juga, seorang isteri yang tidak beriman menjadi suci kerana suami. Jika tidak, anak-anakmu akan menjadi anak-anak yang tercela. Tetapi dengan demikian mereka ialah anak-anak yang suci. ¹⁵ Namun demikian, jika seseorang yang tidak beriman hendak meninggalkan isteri atau suaminya yang beriman, biarkanlah dia berbuat demikian. Jika ini terjadi, saudara atau saudari itu tidak terikat lagi. Allah mahu kamu semua hidup aman damai. ¹⁶ Wahai isteri yang beriman, bagaimana kamu boleh pasti

bahawa kamu tidak akan dapat menyelamatkan suamimu? Demikian juga, wahai suami yang beriman, bagaimana kamu boleh pasti bahawa kamu tidak akan dapat menyelamatkan isterimu?

Hidup dalam keadaan seperti waktu dipanggil Allah

¹⁷ Setiap orang harus hidup dalam keadaan yang ditetapkan Tuhan untuknya ketika Allah memanggilnya. Demikianlah ajaran yang telah kusampaikan kepada semua jemaah.

¹⁸ Contohnya, jika seseorang itu sudah pun bersunat sewaktu Allah memanggilnya, janganlah pula dia cuba menghilangkan tanda sunat itu. Demikian juga, sekiranya seseorang itu tidak bersunat semasa Allah memanggilnya, janganlah dia meminta disunatkan. ¹⁹ Bersunat atau tidak bersunat bukan perkara yang terpenting.

Yang terpenting ialah taat akan perintah Allah. ²⁰ Setiap orang harus terus hidup dalam keadaannya ketika dia telah dipanggil Allah.

²¹ Jika kamu hamba ketika dipanggil Allah, janganlah bersusah hati kerana itu; tetapi jika kamu mendapat peluang untuk menjadi orang merdeka, ambillah peluang itu. ²² Hamba yang beriman kepada Tuhan menjadi orang merdeka di mata Tuhan. Begitu juga orang merdeka yang beriman kepada Kristus menjadi hamba kepada

Kristus. ²³ Kamu telah dibeli dengan harga yang dibayar sepenuhnya; maka janganlah kamu menjadi hamba manusia. ²⁴ Saudara-saudaraku, masing-masing hiduplah bersama Allah dalam keadaan yang sama seperti ketika dipanggil Allah.

²⁵ Tuhan tidak memberiku perintah tentang orang yang belum kahwin; tetapi aku menasihatimu, kerana dengan belas kasihan Tuhan aku boleh dipercayai.

²⁶ Oleh sebab kini kita diancam pelbagai pancaroba, aku yakin bahawa setiap lelaki baiklah meneruskan hidup dalam keadaannya sekarang. ²⁷ Sekiranya kamu sudah beristeri, janganlah cuba menceraikan isterimu. Jika kamu belum beristeri, usahlah berkahwin. ²⁸ Namun demikian, kalau kamu berkahwin, kamu tidaklah berdosa. Demikian juga, jika seorang gadis berkahwin, dia tidak berdosa. Tetapi orang yang berkahwin banyak menghadapi masalah; aku mahu kamu bebas daripada masalah itu.

²⁹ Saudara-saudaraku, maksudku demikian: Masa kita sudah semakin suntuk. Mulai sekarang, setiap lelaki yang beristeri, hiduplah seolah-olah tidak beristeri; ³⁰ orang yang menangis, hiduplah seolah-olah tidak bersedih; orang yang tertawa, hiduplah seolah-olah tidak gembira; orang yang membeli barang, sifatkanlah seolah-olah barang yang dibeli itu tidak dimilikinya; ³¹ Orang yang

menggunakan barang-barang yang ada di dunia seolah-olah tidak menggunakannya kerana dunia dalam keadaan sekarang sedang lenyap.

³² Aku mahu kamu bebas daripada kerunsingan. Seorang yang tidak beristeri akan menumpukan minat kepada hal-hal Tuhan untuk mendapat keredaan Tuhan. ³³ Sebaliknya, seorang yang mempunyai isteri akan menumpukan perhatian kepada hal-hal duniawi untuk menggembirakan isterinya. ³⁴ Dengan demikian perasaannya berbelah bagi. Seorang wanita atau gadis yang tidak bersuami menumpukan minatnya kepada hal-hal Tuhan kerana ingin mengabdikan seluruh jiwa raganya kepada Tuhan. Tetapi seorang wanita yang telah bersuami akan memusatkan perhatian kepada hal-hal duniawi untuk menyukakan hati suaminya.

³⁵ Aku menasihati kamu demikian untuk menolongmu. Aku tidak mahu melarangmu membuat itu dan ini. Aku ingin kamu melakukan apa yang wajar dan mengabdikan diri sepenuh hati kepada Tuhan.

³⁶ Sekiranya seorang lelaki berasa dia tidak adil terhadap tunangnya, dan jika gadis itu semakin meningkat usianya, dan dia berasa dia patut berkahwin dengan gadis itu, maka dia harus bertindak menurut hasratnya. Dia tidaklah berdosa jika berkahwin. ³⁷ Tetapi jika seorang

lelaki dengan kerelaannya sendiri mengambil keputusan dalam hatinya untuk tidak berkahwin dengan gadis tunangnya itu, dan dia dapat mengawal nafsunya, serta tahu apa yang akan dilakukannya, maka lebih baiklah dia tidak berkahwin. ³⁸ Tegasnya, berkahwin itu baik, tetapi tidak berkahwin lebih baik lagi. ³⁹ Seorang wanita yang telah berkahwin terikat kepada suaminya hanya sepanjang hayat suaminya itu. Setelah suaminya meninggal dunia, wanita itu bebas berkahwin lagi dengan sesiapa sahaja lelaki pilihannya asalkan dia seorang beriman dalam Tuhan. ⁴⁰ Tetapi wanita itu akan lebih berbahagia jika tidak berkahwin lagi. Ini fikiranku sendiri, tetapi aku yakin aku mendapat panduan daripada Roh Allah.

Makanan yang dipersembahkan kepada berhala

8 ¹ Sekarang tentang soal makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala:

Kita tahu bahawa kita semua mempunyai ilmu pengetahuan. Tetapi ilmu pengetahuan boleh membuat orang angkuh manakala kasih membina hidup. ² Seseorang yang menyangka dirinya serba tahu, sebenarnya tidak mengetahui apa yang patut diketahui. ³ Tetapi seseorang yang mengasihi Allah, dikenal oleh Allah.

⁴ Tentang makan makanan yang dipersembahkan kepada berhala: Kita tahu bahawa berhala tidak bererti apa-apa pun di dunia. Kita tahu bahawa Allah itu esa, tiada tuhan selain Allah. ⁵ Walaupun ramai yang dipanggil allah dan tuhan, di syurga dan di bumi, ⁶ namun bagi kita Allah ialah esa, Bapa yang mencipta segala-galanya, dan untuk Dialah kita hidup. Tuhan kita juga esa, iaitu Yesus Kristus. Segala-galanya dicipta melalui-Nya, dan kerana Dialah kita hidup.

⁷ Tetapi tidak semua orang yang mengetahui hakikat ini. Ada orang yang hingga sekarang ini sudah biasa menyembah berhala, dan apabila mereka makan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, mereka merasakan bahawa makanan itu makanan berhala. Oleh itu, hati nurani mereka yang lemah menjadi ternoda. ⁸ Sebenarnya makanan tidak dapat mengeratkan hubungan kita dengan Allah. Kita tidak akan rugi jika kita tidak makan makanan itu, dan tidak pula untung jika memakannya.

⁹ Namun demikian, berhati-hatilah, jangan sampai kebebasanmu melakukan apa sahaja menjadi batu sandungan kepada orang yang lemah. ¹⁰ Sekiranya seseorang yang hati nuraninya lemah melihat kamu yang dianggap lebih berpengetahuan makan di kuil berhala,

tidakkah ini akan menggalakkannya makan makanan yang dipersembahkan kepada berhala? ¹¹ Dengan demikian pengetahuan kamu itu membawa kebinasaan kepada saudaramu yang lemah itu, sedangkan Kristus telah mati untuknya juga. ¹² Jika kamu secara demikian berdosa terhadap saudara-saudaramu dan melukai hati nurani mereka yang lemah, kamu sebenarnya berdosa terhadap Kristus. ¹³ Jadi, jika makanan menyebabkan saudaraku berdosa, aku tidak akan makan daging lagi, supaya jangan sampai aku membuat saudaraku tersandung.

Hak dan kewajiban rasul

9 ¹ Bukankah aku seorang yang “merdeka”? Bukankah aku seorang rasul? Tidakkah aku pernah melihat Yesus, Tuhan kita? Bukankah kamu hasil kerjaku untuk Tuhan? ² Mungkin orang lain enggan mengakui aku sebagai rasul, tetapi kamu pasti mengakuiku! Hidupmu yang bersatu dengan Tuhan membuktikan kerasulanku.

³ Apabila orang mengecamku, kujawab demikian. ⁴ Tidak berhakkah kami menerima makanan dan minuman untuk kerja kami?

⁵ Tidakkah kami berhak membawa isteri yang beriman, sebagaimana yang dilakukan oleh saudara-saudara Tuhan dan oleh rasul-rasul lain termasuk Kefas? ⁶ Wajarkah aku dan Barnabas

sahaja mencari nafkah sendiri? ⁷ Tiada askar yang menyara diri sendiri dalam angkatan perang. Tiada peladang yang tidak makan buah anggur dari ladang sendiri. Tiada gembala yang tidak minum susu daripada domba sendiri.

⁸ Adakah aku mengatakan semua ini hanya dari segi pandangan manusia? Tidakkah hukum Taurat juga menyuarakan perkara ini? ⁹ Telah tersurat dalam Taurat Musa, “Jangan berangus mulut lembu yang sedang mengirak bijirin.” Tentulah Allah tidak menumpukan perhatian kepada lembu sahaja. ¹⁰ Bukankah kita yang dimaksudkan oleh Allah dalam firman itu? Tentu sekali. Orang yang membajak dan menuai memang wajar bekerja dengan harapan menerima sebahagian daripada tuaian. ¹¹ Kami telah menyemai benih rohani dalam hidupmu. Memang patutlah kami menuai sedikit hasil kebendaan daripadamu. ¹² Jika orang lain berhak mengharapkannya daripadamu, bukankah kami lebih berhak lagi?

Namun demikian, kami tidak menggunakan hak itu. Kami lebih suka menanggung segala-galanya supaya tidak tergendala penyebaran Injil tentang Kristus. ¹³ Kamu tentu tahu bahawa orang yang bekerja dalam Bait Suci menerima

makanan dari Bait Suci. Orang yang bertugas mempersembahkan korban di atas mazbah menerima sebahagian daripada korban itu.

¹⁴ Begitu jugalah Tuhan telah menetapkan, bahawa orang yang menyampaikan Injil harus menerima nafkah daripada kerja itu.

¹⁵ Tetapi aku belum menggunakan satu pun hak itu. Aku menulis demikian bukanlah untuk menuntut hak-hak itu bagi diriku. Biarlah aku mati daripada kehilangan apa yang kumegahkan.^w

¹⁶ Namun demikian, aku tidak berhak untuk bermegah dengan menyampaikan Injil kerana kerja ini telah menjadi kewajipanku. Malanglah aku jika tidak menjalankannya. ¹⁷ Andainya aku melakukannya mengikut kehendakku sendiri, patutlah aku mengharapkan upah. Tetapi aku melakukannya sebagai kewajipan, kerana Allah telah memberiku tugas itu. ¹⁸ Jadi, apakah upahku? Upahku ialah mendapat hak istimewa untuk menyampaikan Injil tanpa meminta bayaran atau menuntut hakku sebagai penyebarannya.

¹⁹ Aku orang merdeka, bukan hamba sesiapa. Tetapi aku memperhambakan diri kepada semua

^w**9:15** Atau: Biarlah aku mati daripada membiarkan orang merampas apa yang kumegahkan.

9:14: Mat 10:10; Luk 10:7.

orang supaya aku dapat menawan hati ramai orang. ²⁰ Bagi orang Yahudi, aku berlaku seperti orang Yahudi supaya aku dapat menawan hati orang Yahudi. Bagi orang yang terikat kepada Taurat, aku berlaku seperti orang yang terikat kepada Taurat, padahal aku tidak terikat kepada Taurat. Aku berbuat demikian supaya aku dapat menawan hati mereka. ²¹ Bagi orang yang tidak terikat kepada Taurat, aku berlaku seperti orang yang tidak terikat kepada Taurat. Aku berbuat demikian supaya aku dapat menawan hati mereka. Ini tidaklah bermakna aku tidak taat akan hukum Allah. Sebenarnya aku dikuasai oleh hukum Kristus. ²² Bagi mereka yang lemah, aku berlaku lemah untuk menawan hati mereka. Aku menjadi segala-galanya kepada semua orang supaya dengan sedaya upaya aku dapat menyelamatkan seramai mungkin.

²³ Aku melakukan semua ini untuk Injil, semoga aku juga turut mendapat berkatnya. ²⁴ Sebagaimana kamu tahu, dalam lumba lari, semua peserta mengambil bahagian tetapi hanya seorang yang mendapat hadiah. Oleh yang demikian, berlarilah, hingga menerima hadiah. ²⁵ Setiap ahli sukan yang bertanding dalam sukan berlatih dengan gigih, kerana ingin mendapat mahkota, walaupun mahkota itu tidak kekal. Tetapi kita menjalani latihan yang ketat

untuk mendapat mahkota yang kekal. ²⁶ Oleh itu, aku terus-menerus lari ke garis penamat. Juga seperti ahli tinju, aku tidak mahu mensia-siakan tumbukanku. ²⁷ Aku bersungguh-sungguh melatih tubuhku, untuk menguasai diri, supaya aku tidak ditolak setelah mengkhabarkan Injil kepada orang lain.

Peringatan dari sejarah Israel

10 ¹ Saudara-saudaraku, aku ingin mengingatkan kamu bahawa nenek moyang kita berada di bawah awan, dan semuanya menyeberangi Laut Merah. ² Mereka semua dibaptiskan di dalam awan dan laut itu untuk menjadi pengikut Musa. ³ Mereka makan makanan rohani yang sama ⁴ dan minum minuman rohani yang sama dari batu pejal rohani yang menyertai mereka, dan batu pejal rohani itu ialah Kristus sendiri. ⁵ Namun demikian, Allah tidak meredai kebanyakan daripada mereka, maka mayat mereka bergelimpangan di gurun.

⁶ Semua ini menjadi contoh kepada kita supaya kita tidak ingin akan kejahatan seperti mereka dahulu; ⁷ dan supaya kita tidak menyembah

10:1 a: Kel 13:21,22; **b:** Kel 14:22-29. **10:3:** Kel 16:35.

10:4: Kel 17:6; Bil 20:11. **10:5:** Bil 14:29,30.

10:6: Bil 11:4. **10:7:** Kel 32:6.

berhala seperti sebilangan daripada mereka. Telah tersurat, “Umat itu duduk untuk makan minum lalu bangkit untuk bersuka ria.”

⁸ Janganlah kita berkelakuan cabul seperti sesetengah mereka. Akibat perbuatan itu, dua puluh tiga ribu orang mati dalam sehari.

⁹ Janganlah kita cubai Kristus seperti yang dilakukan oleh sebilangan daripada mereka. Akibatnya mereka mati dipagut ular berbisa.

¹⁰ Janganlah kita bersungut seperti sesetengah mereka, sehingga nyawa mereka dicabut Malaikat Maut.

¹¹ Semua yang terjadi kepada mereka merupakan suatu iktibar, dan telah ditulis untuk menjadi amaran kepada kita yang hidup pada akhir zaman. ¹² Sesiapa yang menyangka dirinya berdiri tegap, berhati-hatilah supaya tidak jatuh. ¹³ Setiap cubaan yang kamu alami memang biasa dihadapi orang. Tetapi Allah setia menepati janji-Nya. Dia tidak akan membiarkan kamu dicubai melebihi kekuatanmu. Sewaktu kamu dicubai, Allah akan memberimu jalan keluar supaya kamu mendapat kekuatan menanggunya.

¹⁴ Oleh itu, saudara-saudara yang kukasihi, jauhkanlah diri daripada penyembahan berhala.

¹⁵ Aku berkata-kata kepadamu seperti kepada orang bijaksana. Fikirkanlah masak-masak apa yang aku katakan. ¹⁶ Bukankah cawan kesyukuran yang kita berkati itu menunjukkan kita sama-sama mengambil bahagian dalam darah Kristus? Bukankah roti yang kita pecah-pecahkan itu menunjukkan kita sama-sama mengambil bahagian dalam tubuh Kristus? ¹⁷ Walaupun kita ramai, kita semua merupakan satu tubuh, kerana kita makan roti yang satu itu bersama-sama.

¹⁸ Perhatikan bangsa Israel: Bukankah mereka yang makan makanan yang dipersembahkan di atas mazbah itu bersama-sama mengambil bahagian dalam penyembahan? ¹⁹ Adakah maksudku bahawa berhala, atau makanan yang dipersembahkan kepada berhala, tidak bererti apa-apa? ²⁰ Tidak! Apa yang dipersembahkan di atas mazbah berhala bukanlah persembahan kepada Allah tetapi kepada roh-roh iblis. Aku tidak mahu kamu terlibat dengan roh-roh iblis. ²¹ Kamu yang tidak dapat minum dari cawan Tuhan, minum pula daripada cawan roh iblis. Kamu yang tidak dapat makan di meja Tuhan, makan pula di meja roh iblis. ²² Bukankah kita yang membuat Tuhan cemburu sekiranya kita

10:16: Mat 26:26-28; Mrk 14:22-24; Luk 22:19,20.

10:18: Im 7:6. **10:20:** Ul 32:17. **10:22:** Ul 32:21.

berbuat demikian? Adakah kita lebih kuat daripada Tuhan?

Kebebasan orang beriman

²³ Kita dibenarkan berbuat segala sesuatu tetapi tidak semuanya berfaedah; kita dibenarkan berbuat segala sesuatu tetapi tidak semuanya membina hidup. ²⁴ Janganlah lakukan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri sahaja. Lakukanlah untuk kepentingan orang lain juga.

²⁵ Kamu boleh makan apa sahaja yang dijual di pasar daging. Jangan tanyakan apa-apa, supaya hati nuranimu tidak terganggu; ²⁶ kerana “Bumi ini milik Tuhan dengan segala yang di dalamnya.”

²⁷ Jika kamu diajak makan oleh seorang yang tidak beriman dan kamu menerima, makanlah apa-apa yang dihidangkan. Usah tanyakan apa-apa, supaya hati nuranimu tidak terganggu.

²⁸ Tetapi jika seseorang memberitahumu, “Makanan ini telah dipersembahkan kepada berhala”, janganlah makan makanan itu, demi kebaikan orang itu, dan demi hati nurani.

²⁹ Maksudku bukan hati nuranimu, tetapi hati nurani orang itu.

Mungkin ada yang bertanya, “Mengapa pula kebebasanku harus kubatasi untuk hati nurani

orang lain? ³⁰ Jika aku turut makan dengan mengucapkan syukur kepada Allah atas makanan itu, mengapa orang harus mengecamku?”

³¹ Setiap yang kamu lakukan, baik makan mahupun minum, lakukanlah untuk memuliakan Allah. ³² Jagalah tingkah lakumu, jangan sampai menyebabkan orang lain berdosa, baik orang Yahudi atau orang Yunani, mahupun jemaah Allah. ³³ Ikutlah teladanku. Dalam setiap yang kubuat, aku cuba menyukakan hati semua orang. Aku tidak melebihkan kepentingan diriku. Aku mengutamakan kepentingan orang lain, untuk menyelamatkan mereka.

Peraturan bagi jemaah

11 ¹ Teladani aku, sebagaimana aku meneladani Kristus.

² Sekarang aku memujimu, saudara-saudaraku, kerana kamu mengingatkan dalam semua hal dan memelihara segala ajaran yang telah kusampaikan kepadamu. ³ Tetapi aku mahu kamu tahu bahawa ketua setiap lelaki ialah Kristus, ketua wanita ialah lelaki dan ketua Kristus ialah Allah. ⁴ Jika seorang lelaki berdoa atau bernubuat dengan kepala bertudung, dia mengaibkan kepalanya. ⁵ Sebaliknya, jika seorang

wanita berdoa atau bernubuat dengan kepala tidak bertudung, dia mengaibkan kepalanya, samalah seperti dia membotakkan kepalanya.

⁶ Jika seseorang wanita tidak bertudung kepala, baiklah rambutnya dicukur. Jika satu keaiban bagi wanita dicukur atau dibotakkan kepalanya, hendaklah dia bertudung kepala. ⁷ Seorang lelaki tidak patut menudung kepalanya, kerana dia mencerminkan dan memuliakan Allah; tetapi wanita adalah kemuliaan lelaki. ⁸ Lelaki tidak berasal daripada wanita, tetapi wanita berasal daripada lelaki. ⁹ Begitu juga, lelaki tidak dicipta untuk wanita, tetapi wanita dicipta untuk lelaki. ¹⁰ Oleh itu, dan oleh sebab para malaikat, wanita harus memakai satu lambang kewibawaan di atas kepalanya. ¹¹ Walau bagaimanapun, lelaki dan wanita saling bergantung, di bawah kuasa Tuhan. ¹² Sebagaimana wanita berasal daripada lelaki, maka lelaki pula lahir melalui wanita; segala-galanya daripada Allah.

¹³ Timbangkanlah sendiri. Wajarkah seorang wanita berdoa kepada Allah dengan tidak bertudung kepala? ¹⁴ Tidakkah alam tabii sendiri mengajar kamu bahawa jika seorang lelaki menyimpan rambut panjang, itu suatu keaiban baginya? ¹⁵ Tetapi jika seorang wanita

mempunyai rambut panjang, itu suatu kemuliaan baginya; kerana rambut dikurniakan kepadanya sebagai penudung. ¹⁶ Namun demikian, jika sesiapa kelihatan ingin membantah, maka jawablah bahawa kita tidak mempunyai adat yang lain, begitu juga semua jemaah Allah.

Perjamuan Tuhan

¹⁷ Dalam memberimu petunjuk-petunjuk yang berikut, aku tidak memujimu kerana apabila kamu berhimpun, bukan kebaikan tetapi keburukan yang timbul. ¹⁸ Pertama sekali, apabila kamu berhimpun sebagai satu jemaah, aku dengar kamu berkelompok-kelompok, dan aku percaya sebahagian yang kudengar.

¹⁹ Sememangnya dalam kalanganmu pasti terbentuk beberapa kelompok, sehingga mereka yang diperkenan Allah menjadi nyata. ²⁰ Apabila kamu berhimpun di suatu tempat, bukanlah Perjamuan Tuhan yang kamu makan ²¹ kerana semua berebut hendak makan dahulu; sehingga ada yang lapar dan ada pula yang mabuk.

²² Apa! Tidakkah kamu mempunyai rumah untuk makan minum di dalamnya? Atau adakah kamu memandang hina jemaah Allah dan hendak memperkecil orang yang tidak mempunyai apa-apa? Apakah akan kukatakan kepadamu?

Akan kupujikah kamu dalam hal ini? Tentunya tidak!

²³ Aku telah menerima daripada Tuhan apa yang telah kusampaikan kepadamu: Bahawa pada malam Dia dikhianati, Tuhan Yesus telah mengambil roti; ²⁴ dan selepas mengucap syukur, Dia telah memecah-mecahkan roti itu lalu berkata, “Ambil, dan makanlah. Inilah tubuh-Ku yang diserahkan untukmu; lakukanlah ini sebagai peringatan kepada-Ku.” ²⁵ Demikian juga, sesudah makan, Dia mengambil cawan itu sambil berkata, “Cawan ini perjanjian baru dengan darah-Ku. Setiap kali kamu meminumnya, lakukan ini sebagai peringatan kepada-Ku.”

²⁶ Kerana setiap kali kamu makan roti dan minum dari cawan dengan cara demikian, kamu memberitakan kematian Tuhan hingga kedatangan-Nya.

²⁷ Jika sesiapa makan roti atau minum dari cawan Tuhan ini secara yang tidak wajar, dia akan menanggung dosa terhadap tubuh dan darah Tuhan. ²⁸ Hendaklah setiap orang memeriksa dirinya, dan kemudian makan roti itu dan minum dari cawan itu; ²⁹ kerana jika seseorang memakannya dan meminumnya tanpa mengenal tubuh Tuhan, dia makan dan minum akan

penghukuman kepada dirinya. ³⁰ Oleh sebab itu ada sebilangan besar yang lemah dan yang sakit dalam kalanganmu, malah ada yang meninggal dunia. ³¹ Jika kita menghakimi diri sendiri, tidaklah kita dihakimi. ³² Tetapi apabila kita dihakimi, kita dihukum oleh Tuhan supaya kita insaf, agar kita tidak dibinasakan bersama-sama dunia.

³³ Oleh itu, saudara-saudaraku, apabila kamu berhimpun untuk makan, tunggulah satu sama lain sebelum bermula. ³⁴ Tetapi jika ada sesiapa yang lapar, makanlah dahulu di rumah, supaya perhimpunanmu tidak mendatangkan hukuman. Hal-hal lain akan kuatur ketika aku datang kelak.

Kurnia rohani

12 ¹ Aku tidak mahu kamu jahil, saudara-saudaraku, tentang kurnia-kurnia rohani: ² Kamu tahu bahawa dahulu, sebelum kamu menjadi umat Allah, kamu telah terperdaya dalam pelbagai cara untuk menjadi pengikut berhala-berhala yang bisu. ³ Oleh itu, aku menyatakan kepadamu, tiada siapa pun yang bersuara di bawah pimpinan Roh Allah akan berkata: “Yesus terkutuk” dan tiada siapa pun dapat mengakui, “Yesus ialah Tuhan,” kecuali di bawah bimbingan Roh Kudus.

⁴ Terdapat berbagai-bagai kurnia, tetapi semuanya berpunca daripada satu Roh. ⁵ Ada berbagai-bagai pelayanan, tetapi hanya satu Tuhan. ⁶ Ada berbagai-bagai kerja, tetapi Allah yang esa mengerjakan semuanya. ⁷ Tetapi Roh Kudus memberi seseorang kurnia tertentu untuk kebaikan semua. ⁸ Ada yang diberi kurnia oleh Roh Kudus untuk berbicara dengan penuh hikmah, dan ada pula yang dikurniai Roh Kudus untuk berbicara tentang pengetahuan. ⁹ Ada juga yang dikurniai dengan keteguhan iman, ada yang diberi kurnia kebolehan untuk menyembuhkan orang sakit daripada Roh yang sama. ¹⁰ Kepada yang lain diberi kurnia untuk mengerjakan mukjizat, ada yang diberi kebolehan bernubuat dan menyampaikan perkhabaran daripada Allah. Juga ada mereka yang dikurniai kebolehan untuk membezakan roh-roh. Ada juga mereka yang diberi kurnia untuk bertutur dalam pelbagai lidah, dan ada pula yang diberi kurnia untuk mentafsirkan lidah-lidah itu. ¹¹ Namun Roh yang satu dan sama mengerjakan semua ini, Roh Kuduslah yang mengagih-agihkan kurnia yang berlainan menurut kehendak-Nya.

Banyak anggota tetapi satu tubuh

¹² Sebagaimana tubuh yang satu mempunyai banyak anggota, tetapi semua anggota itu merupakan satu tubuh, demikian juga Kristus.

¹³ Oleh satu Roh kita semua telah dibaptiskan ke dalam satu tubuh – baik orang Yahudi mahupun orang Yunani, baik hamba mahupun orang merdeka – dan semua telah disuruh minum ke dalam satu Roh yang sama.

¹⁴ Tubuh bukan hanya terdiri daripada satu anggota tetapi banyak anggota. ¹⁵ Kalaulah kaki berkata, “Oleh sebab aku bukan tangan, aku bukanlah sebahagian tubuh,” maka benarkah kaki itu bukan sebahagian tubuh? ¹⁶ Dan kalaulah telinga berkata, “Oleh sebab aku bukan mata, aku bukanlah sebahagian tubuh,” maka benarkah telinga itu bukan sebahagian tubuh?

¹⁷ Andainya seluruh tubuh itu satu mata, di manakah pendengaran? Sekiranya seluruh tubuh itu pendengaran, di manakah pula penghiduan?

¹⁸ Tetapi Allah telah meletakkan setiap anggota di tubuh menurut kehendak-Nya. ¹⁹ Kalaulah semuanya hanya satu anggota, di manakah tubuh? ²⁰ Tetapi sekarang ada banyak anggota, namun kesemuanya dalam satu tubuh.

²¹ Mata tidak boleh berkata kepada tangan, “Aku tidak memerlukanmu,” kepala tidak boleh berkata kepada kaki, “Aku tidak memerlukanmu.”
²² Malah, anggota-anggota tubuh yang kelihatan lebih lemah itulah yang amat kita perlukan.
²³ Kepada anggota-anggota yang kita anggap kurang terhormat, kita berikan lebih banyak penghormatan; dan bahagian-bahagian tubuh kita yang tidak layak ditunjukkan mempunyai lebih banyak kesopanan. ²⁴ Sedangkan bahagian-bahagian yang layak ditunjukkan tidak memerlukannya. Dalam mencipta tubuh, Allah telah memberikan lebih banyak penghormatan kepada bahagian yang kurang memilikinya, ²⁵ supaya tidak ada perpecahan dalam tubuh, tetapi semua anggota sama-sama prihatin antara satu sama lain. ²⁶ Jika satu anggota menderita, semuanya turut menderita; sebaliknya jika satu diberi penghormatan, semua turut bersukacita.
²⁷ Kamu adalah tubuh Kristus, dan setiap daripadamu anggota tubuh itu. ²⁸ Allah telah menentukan tempat masing-masing anggota jemaah: Pertama sebagai rasul-rasul, kedua nabi-nabi, ketiga guru-guru; seterusnya mereka yang diamanahkan untuk melakukan pelbagai mukjizat, mereka yang diberi kurnia untuk

menyembuhkan, untuk memberi pertolongan, untuk memimpin dan untuk bertutur dalam aneka lidah. ²⁹ Adakah semua menjadi rasul? Adakah semua menjadi nabi? Adakah semua menjadi guru? Adakah semua melakukan mukjizat? ³⁰ Adakah semua diberi kurnia untuk menyembuhkan? Adakah semua dapat bertutur dalam pelbagai lidah? Adakah semua diberi kurnia untuk mentafsirkan bahasa-bahasa itu? ³¹ Oleh itu, berusahaah kamu bersungguh-sungguh untuk mendapat kurnia-kurnia yang lebih besar. Aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lebih baik.

Kasih

13 ¹ Walaupun aku dapat bertutur dalam semua lidah manusia, malah bahasa malaikat juga, tetapi tidak mempunyai kasih, maka aku hanya seperti gong tembaga yang berbunyi bising atau genta yang berdentang. ² Walaupun aku diberi kurnia untuk bernubuat, dan mengetahui semua rahsia serta ilmu, malah memiliki kekuatan iman yang dapat mengalih gunung-ganang, tetapi tidak mempunyai kasih, maka aku langsung tidak bererti. ³ Begitu juga, walaupun aku memberikan segala milikku untuk

memberi makan kepada orang miskin, atau menyerahkan tubuhku untuk dibakar, tetapi tidak mempunyai kasih, maka aku langsung tidak berguna. ⁴ Kasih itu penyabar dan penyayang. Kasih tidak iri hati, tidak membanggakan diri, dan tidak angkuh. ⁵ Kasih tidak berkelakuan biadab, tidak memburu kepentingan sendiri, tidak cepat meradang, tidak memperhitungkan kesalahan orang lain. ⁶ Kasih tidak gembira dengan kejahatan, tetapi gembira meraikan kebenaran. ⁷ Kasih tahan menderita segala-galanya, percaya akan segala-galanya, berharap akan segala-galanya, terus-menerus menanggung segala-galanya.

⁸ Kasih tidak akan luput. Nubuat-nubuat akan berakhir, bahasa-bahasa akan berhenti, dan ilmu pengetahuan akan lenyap ⁹ kerana pengetahuan dan nubuat kita tidak sempurna. ¹⁰ Setelah yang sempurna datang, maka yang tidak sempurna akan disingkirkan.

¹¹ Pada zaman kanak-kanak, aku bercakap secara kanak-kanak, mengerti secara kanak-kanak. Tetapi setelah aku dewasa, segala sifat kanak-kanak itu kutinggalkan. ¹² Sekarang kita hanya melihat samar-samar melalui cermin, tetapi akan tiba saatnya kita melihat dengan jelas berpandang muka. Demikianlah, sekarang aku hanya mengetahui sebahagian, tetapi akan

tiba masanya aku mengetahui sepenuhnya, sebagaimana aku diketahui.

¹³ Hanya tiga yang tinggal: iman, harapan dan kasih. Antara ketiga-tiga ini, yang paling utama ialah kasih.

Kurnia bernubuat dan bertutur dalam lidah

14 ¹ Usahakanlah memperoleh kasih dan cubalah sungguh-sungguh untuk mendapatkan kurnia-kurnia rohani, terutamanya kurnia untuk bernubuat. ² Apabila seseorang bertutur dalam lidah, dia bukanlah bercakap kepada sesama manusia tetapi kepada Allah; dia bertutur tentang hal-hal rahsia dengan Roh. ³ Sebaliknya, apabila seseorang bernubuat, dia bercakap kepada sesama manusia dengan kata-kata yang membina, menasihati dan menghibur. ⁴ Orang yang bertutur dalam lidah membina diri sendiri, manakala orang yang bernubuat membina jemaah.

⁵ Aku suka jika kamu bertutur dalam lidah, tetapi aku lebih suka jika kamu bernubuat; kerana orang yang bernubuat lebih membawa manfaat daripada orang yang bertutur dalam lidah, kecuali jika dia mentafsirkan apa yang dituturkannya itu untuk membina jemaah.

⁶ Saudara-saudaraku, bermanfaatkah bagimu sekiranya aku datang bertutur kepadamu dalam

lidah? Tidakkah lebih bermanfaat jika aku bertutur dalam bahasa yang kamu fahami, baik dalam penyampaian wahyu, ilmu pengetahuan, nubuat mahupun pengajaran?

⁷ Samalah dengan benda-benda tidak bernyawa yang mengeluarkan bunyi; seperti seruling atau kecapi, jika bunyinya tidak terang, bagaimana orang dapat mengetahui lagu apa yang dimainkan? ⁸ Sekiranya nafiri mengeluarkan bunyi yang tidak menentu, siapa yang akan bersiap untuk berperang? ⁹ Demikianlah juga, jika kamu tidak bertutur dengan bahasa yang jelas, bagaimanakah orang dapat mengetahui apa yang kamu katakan? Kamu seolah-olah bercakap kepada angin. ¹⁰ Bahasa dunia entah berapa banyaknya, tetapi tiada satu pun yang tidak bererti. ¹¹ Namun demikian, jika aku tidak mengetahui erti sesuatu bahasa, maka aku menjadi orang asing bagi penuturnya dan penutur itu orang asing bagiku. ¹² Begitu jugalah kamu. Dalam berusaha untuk mendapat kurnia-kurnia rohani, berusahalah untuk memperoleh yang utama, iaitu yang dapat membina jemaah.

¹³ Oleh itu, seseorang yang bertutur dalam lidah harus berdoa agar dia dapat mentafsirkannya juga. ¹⁴ Kalaulah aku berdoa dalam lidah, maka hanya rohku yang berdoa, sedangkan akalku tidak menghasilkan apa-apa. ¹⁵ Oleh itu, apa

yang harus kulakukan? Aku akan berdoa dengan rohku dan akalku juga. Aku akan menyanyi dengan rohku dan akalku juga. ¹⁶ Sekiranya kamu mengucapkan syukur hanya dengan rohmu, bagaimana orang yang tidak memahami dapat mengaminkan ucap syukurmu? Mereka tidak tahu apa yang kamu ucapkan! ¹⁷ Oleh itu, walaupun ucap syukurmu itu baik, orang lain tidak dapat dibina.

¹⁸ Aku mengucapkan syukur kepada Allah kerana aku dapat bertutur dalam lidah, lebih daripada kamu semua. ¹⁹ Tetapi dalam perhimpunan jemaah, aku lebih suka mengucapkan lima patah kata dari akalku daripada sepuluh ribu patah dalam lidah; dengan demikian aku dapat menyampaikan pengajaran kepada orang lain.

²⁰ Saudara-saudaraku! Janganlah kamu menjadi kanak-kanak dalam akal fikiranmu. Berhubungan hal kejahatan, memang kamu harus menjadi kanak-kanak, tetapi akal fikiranmu hendaklah matang. ²¹ Dalam Kitab Taurat telah tersurat:

“Dengan bahasa-bahasa asing
dan dari mulut orang asing
Aku akan bersuara kepada bangsa ini;
Namun demikian, mereka tidak akan
mendengar-Ku,”

Tuhan berfirman.

²² Oleh itu, bertutur dalam lidah adalah tanda, bukan bagi orang yang percaya, tetapi bagi orang yang tidak percaya; manakala nubuat adalah tanda, bukan bagi orang yang tidak percaya, tetapi bagi orang yang percaya.

²³ Sekiranya seluruh jemaah berhimpun di suatu tempat dan semuanya bertutur dalam lidah, lantas masuk orang yang tidak tahu atau orang yang tidak percaya, tidakkah mereka menyangka kamu semua gila? ²⁴ Tetapi jika semuanya bernubuat, lalu masuk seorang yang tidak tahu atau yang tidak percaya, dia akan berasa diyakinkan dan dihakimi oleh segala yang didengarinya. ²⁵ Dengan demikian, segala rahsia hatinya akan ternyata, lalu dia sujud menyembah Allah serta mengakui bahawa Allah sesungguhnya ada bersamamu.

Peraturan dalam jemaah

²⁶ Jadi bagaimana, saudara-saudaraku? Apabila kamu berhimpun, hendaklah masing-masing menyampaikan mazmur, atau pengajaran, atau wahyu, atau sesuatu dalam lidah, ataupun pentafsirannya. Tetapi hendaklah semuanya bertujuan untuk membina jemaah. ²⁷ Jika ada orang yang bertutur dalam lidah, biarlah dua atau tiga orang sahaja, seorang lepas seorang,

dan hendaklah ada orang yang mentafsirkannya.
²⁸ Sekiranya tiada yang dapat mentafsirkannya, janganlah dituturkan dalam perhimpunan itu. Tuturkanlah bagi diri sendiri dan kepada Allah. ²⁹ Bagi orang yang diberi kurnia sebagai nabi, biarlah dua atau tiga orang sahaja yang bernubuat, dan yang lain menilainya. ³⁰ Tetapi sekiranya ternyata Allah mewahyukan sesuatu melalui seorang lain yang turut hadir, hendaklah orang pertama itu berhenti bernubuat. ³¹ Kamu semua boleh bernubuat, seorang demi seorang, agar semua mendapat pengajaran dan kekuatan. ³² Kurnia untuk bernubuat tertakluk kepada nabi yang memilikinya, ³³ kerana Allah tidak menghendaki kekeliruan, tetapi kesejahteraan. Sebagaimana dalam semua jemaah orang salih, ³⁴ wanita-wanita hendaklah berdiam diri dalam perhimpunan jemaah. Mereka tidak dibenarkan bercakap. Hendaklah mereka menurut perintah, sebagaimana tersurat dalam Taurat. ³⁵ Jika mereka ingin mempelajari sesuatu, hendaklah mereka bertanya kepada suami mereka di rumah. Sungguh memalukan jika seorang wanita bersuara dalam perhimpunan jemaah.

³⁶ Adakah firman Allah datang daripadamu? Atau adakah datangnya kepada kamu sahaja?

³⁷ Sekiranya seseorang menyangka dirinya mendapat kurnia untuk bernubuat atau kurnia

rohani yang lain, dia hendaklah mengakui bahawa yang kutuliskan kepadamu ini adalah perintah Tuhan. ³⁸ Tetapi jika sesiapa tidak tahu, biarlah dia demikian.

³⁹ Oleh itu, saudara-saudaraku, berusaha untuk dapat bernubuat, dan jangan larang orang bertutur dalam lidah. ⁴⁰ Tetapi hendaklah segalanya dilakukan dengan sopan dan teratur.

Kebangkitan Kristus

15 ¹ Aku menyatakan kepadamu, saudara-saudaraku, tentang Injil yang telah kusampaikan kepadamu, telah kamu terima dan pegang hingga sekarang. ² Melalui Injil itu kamu diselamatkan, jika kamu tetap berpegang kepada Firman yang telah kusampaikan, dan imanmu bukan kosong semata-mata.

³ Aku telah menyampaikan kepadamu hal-hal utama, yang telah kuterima sendiri: Bahawa Kristus telah mati untuk menebus dosa kita, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci; ⁴ bahawa Dia telah dikuburkan, dan telah dibangkitkan pada hari yang ketiga, sebagaimana tersurat

15:3: Yes 53:5-12.

15:4: Mzm 16:8-10; Mat 12:40; Kis 2:24-32.

dalam Kitab Suci; ⁵ dan bahawa Dia telah memperlihatkan diri-Nya kepada Petrus, kemudian kepada dua belas murid-Nya.^x ⁶ Selepas itu, Dia memperlihatkan diri-Nya kepada saudara-saudara kita, lebih daripada lima ratus orang pada satu masa. Kebanyakan mereka masih hidup, dan ada yang sudah meninggal dunia. ⁷ Seterusnya Dia memperlihatkan diri-Nya kepada Yakobus, kemudian kepada semua rasul-Nya.

⁸ Akhir sekali Dia telah memperlihatkan diri-Nya kepadaku, yang seperti bayi yang dilahirkan sebelum masa; ⁹ kerana akulah yang paling rendah antara rasul, malah aku tidak layak disebut rasul, kerana aku telah menganiaya jemaah Allah. ¹⁰ Tetapi dengan kasih kurnia Allah, aku telah menjadi seperti diriku sekarang. Kasih kurnia-Nya yang telah dianugerahkan-Nya kepadaku tidaklah sia-sia, kerana aku telah bekerja lebih keras daripada mereka semua; sesungguhnya bukan aku yang melakukannya, tetapi kasih kurnia Allah yang bersamaku. ¹¹ Dengan demikian, baik aku mahupun mereka,

^x**15:5** Ada terjemahan: Rasul-Nya.

15:5 a: Luk 24:34; **b:** Mat 28:16,17; Mrk 16:14; Luk 24:36; Yoh 20:19. **15:8:** Kis 9:3-6. **15:9:** Kis 8:3.

begitulah yang kami khabarkan, dan begitulah yang kamu percaya.

Kebangkitan orang mati

¹² Setelah kami khabarkan kepadamu tentang Kristus yang dibangkitkan daripada kematian, mengapakah ada dalam kalanganmu yang berkata bahawa tiada kebangkitan selepas mati?

¹³ Jika tiada kebangkitan selepas mati, maka Kristus juga tidak dibangkitkan. ¹⁴ Jika Kristus tidak dibangkitkan, maka sia-sialah perkhabaran kami dan sia-sialah imanmu. ¹⁵ Kami juga ternyata sebagai saksi dusta kepada Allah, kerana kami telah membuat kesaksian bahawa Allah telah membangkitkan Kristus, sedangkan Allah tidak membangkitkan-Nya, kalaulah benar tiada kebangkitan selepas mati; ¹⁶ kerana jika tiada kebangkitan selepas mati, maka Kristus tidaklah dibangkitkan. ¹⁷ Dan jika Kristus tidak dibangkitkan, sia-sialah imanmu; dan kamu masih bergelumang dosa! ¹⁸ Orang yang mati dalam Kristus juga tetap binasa. ¹⁹ Sekiranya dalam hidup ini sahaja kita mempunyai harapan dalam Kristus, kitalah yang paling malang antara manusia!

²⁰ Tetapi Kristus memang telah dibangkitkan daripada kematian. Dialah yang pertama daripada kalangan orang yang telah mati. ²¹ Oleh

sebab satu orang, kematian berlaku; dan oleh sebab satu orang juga, kebangkitan orang mati berlaku; ²² kerana sebagaimana dalam Adam semua manusia mati, demikian juga dalam Kristus semua manusia akan dihidupkan semula; ²³ masing-masing mengikut aturannya: Pertama Kristus, kemudian mereka yang telah menjadi milik-Nya, pada saat kedatangan-Nya kelak. ²⁴ Selepas itu datanglah pengakhiran, ketika Dia menyerahkan kerajaan kepada Allah Bapa, ketika Dia melenyapkan semua pemerintahan, semua kewibawaan dan semua kekuasaan; ²⁵ kerana Dia harus memerintah sehingga semua musuh telah diletakkan-Nya di bawah kaki-Nya. ²⁶ Musuh terakhir yang akan dilenyapkan ialah Maut. ²⁷ Segala sesuatu telah ditaklukkan oleh Allah di bawah kaki Kristus. Apabila dikatakan bahawa 'segala sesuatu telah ditaklukkan' jelaslah bahawa Allah, yang membuat segala sesuatu itu takluk kepada Kristus, tidak turut ditaklukkan. ²⁸ Oleh itu, setelah segala sesuatu ditaklukkan kepada Kristus, Dia sebagai Anak akan menaklukkan diri-Nya juga kepada Allah, maka Allah menjadi segala-galanya dalam semua perkara.

²⁹ Apakah akan dilakukan oleh mereka yang telah dibaptiskan bagi pihak orang mati? Sekiranya orang mati tidak dibangkitkan, mengapa orang dibaptiskan untuk orang mati?

³⁰ Begitu juga kami, mengapa sepanjang masa kami rela menghadapi bahaya? ³¹ Setiap hari aku menghadapi kematian. Aku mengakui ini, saudara-saudaraku, demi kebanggaanku denganmu yang kumiliki dalam Kristus Yesus, Tuhan kita. ³² Jika menurut pertimbangan manusia, apa faedahnya bagiku berjuang seperti dengan binatang buas di Efesus? Juga, sekiranya orang mati tidak dibangkitkan,

“Marilah kita makan dan minum, kerana esok kita mati.”

³³ Jangan kamu biarkan dirimu disesatkan orang. “Kebiasaan yang baik musnah kerana pergaulan yang buruk.” ³⁴ Insafilah sepenuhnya dan jangan berbuat dosa lagi, kerana dalam kalanganmu ada sebilangan yang tidak mengenal Allah. Aku berkata demikian supaya kamu berasa malu.

Kebangkitan tubuh

³⁵ Mungkin ada yang menyoal, “Bagaimana caranya orang mati dibangkitkan? Dengan tubuh

yang bagaimanakah mereka akan hidup?”³⁶ Hai orang yang tidak berakal, sesuatu yang kamu semaikan tidak mungkin tumbuh jika tidak mati terlebih dahulu.³⁷ Tambahan pula, yang kamu semaikan bukanlah seluruh tubuh tanaman, tetapi bijinya sahaja, contohnya biji gandum atau biji-bijiran lain.³⁸ Tetapi kemudian Allah memberikan biji itu suatu tubuh, menurut kehendak-Nya. Setiap biji mempunyai tubuhnya yang tersendiri.

³⁹ Semua yang bernyawa tidak serupa. Rupa manusia berbeza dengan rupa binatang, rupa burung berlainan dengan rupa ikan.

⁴⁰ Ada benda di langit dan ada benda di bumi. Kemuliaan benda di langit berbeza dengan kemuliaan benda di bumi.⁴¹ Kemuliaan matahari berbeza dengan kemuliaan bulan, dan berlainan pula dengan kemuliaan bintang-bintang; manakala kemuliaan bintang-bintang berbeza antara satu sama lain.

⁴² Demikianlah dengan kebangkitan orang mati: Tubuh disemaikan dalam kebinasaan, dan dibangkitkan dalam ketidakbinasaan;⁴³ disemaikan dalam kehinaan, dibangkitkan dalam kemuliaan; disemaikan dalam kelemahan, dibangkitkan dalam kekuatan;⁴⁴ disemaikan dalam tubuh jasmani, dibangkitkan dalam tubuh rohani. Jika ada tubuh jasmani, maka adalah juga

tubuh rohani. ⁴⁵ Sebagaimana telah tersurat, “Adam, manusia yang pertama, menjadi makhluk yang hidup,” manakala Adam yang terakhir menjadi roh yang menghidupkan. ⁴⁶ Yang pertama bukan rohani tetapi jasmani, dan yang kemudian adalah yang rohani; ⁴⁷ kerana manusia yang pertama berasal daripada debu bumi, tetapi manusia yang kedua berasal daripada syurga. ⁴⁸ Seperti manusia yang berasal daripada debu bumi itu, begitulah semua orang yang berasal daripada debu bumi. Dan seperti manusia daripada syurga itu, begitulah semua orang yang syurgawi. ⁴⁹ Sebagaimana kita telah memakai rupa yang berasal daripada debu bumi itu, kita akan memakai rupa manusia yang berasal daripada syurga.

⁵⁰ Saudara-saudaraku, aku ingin mengatakan kepadamu, daging dan darah tidak akan mendapat tempat dalam kerajaan Allah, dan sesuatu yang boleh binasa tidak akan mendapat tempat dalam ketidakbinasaan.

⁵¹ Dengarlah, aku memberitahumu suatu rahsia: Tidak kita semua akan mati, tetapi semua akan diubah ⁵² serta-merta, dalam sekelip mata, ketika berbunyinya sangkakala yang terakhir. Pada saat itu orang mati akan dibangkitkan dalam

ketidakbinasaan, dan kita yang masih hidup akan diubah, ⁵³ kerana yang boleh binasa ini mesti mengenakan bentuk yang tidak boleh binasa, dan yang boleh mati ini mesti mengenakan bentuk yang tidak boleh mati. ⁵⁴ Setelah ini berlaku, terbuktiilah firman: “Maut telah ditelan dalam kemenangan.”

⁵⁵ “Wahai Maut, di manakah kemenanganmu? Wahai Maut, di manakah sengatmu?”

⁵⁶ Sengat maut ialah dosa, manakala kuasa dosa ialah Taurat. ⁵⁷ Tetapi syukurlah kepada Allah yang telah memberi kita kemenangan melalui Tuhan kita Yesus Kristus.

⁵⁸ Oleh itu, saudara-saudara yang kukasihi, teguhkan pendirian, jangan berganjak, dan bersungguh-sungguhlah dalam pengabdianmu kepada Tuhan. Kamu tahu bahawa dalam Tuhan, jerih lelahmu tidak akan sia-sia.

Bantuan untuk jemaah di Yerusalem

16 ¹ Sekarang aku menyentuh tentang pengumpulan bantuan bagi orang salih. Lakukanlah sebagaimana yang telah kutentukan bagi semua jemaah di Galatia. ² Pada hari pertama setiap minggu, setiap orang daripada kamu hendaklah mengasingkan wang menurut

kemampuan masing-masing dan menyimpannya. Janganlah setelah aku datang baru kamu mula mengumpulnya. ³ Setelah aku tiba, aku akan menghantar sesiapa yang kamu anggap sesuai untuk membawa pemberianmu itu bersama surat ke Yerusalem. ⁴ Sekiranya aku perlu pergi juga, mereka akan pergi bersamaku.

Permintaan Paulus

⁵ Aku akan datang ke tempatmu selepas Makedonia kerana aku akan datang melalui Makedonia. ⁶ Mungkin aku akan tinggal beberapa waktu denganmu, malah mungkin sepanjang musim dingin; kemudian kamu boleh menolongku meneruskan perjalanan. ⁷ Kali ini aku tidak mahu singgah sahaja; aku berharap akan dapat tinggal agak lama denganmu jika diizinkan Tuhan.

⁸ Namun demikian, aku akan tetap berada di Efesus sampai hari Pentakosta, ⁹ kerana pintu untuk melakukan pekerjaan besar telah terbuka luas bagiku walaupun ramai orang yang menentang.

¹⁰ Jika Timotius datang ke tempatmu, jangan biarkan dia berasa takut tinggal dalam

16:5: Kis 19:21. **16:8:** Im 23:15-21; Ul 16:9-11.

16:8: Kis 19:8-10. **16:10:** 1Kor 4:17.

kalanganmu, kerana dia juga melakukan pekerjaan untuk Tuhan, sama sepertiku.

¹¹ Oleh itu, jangan sesiapa memandang ringan kepadanya. Setiap orang hendaklah menolongnya, supaya dia dapat meneruskan perjalanan dengan sejahtera dan datang menemuiku, kerana aku dan beberapa orang saudara lain menunggu kedatangannya.

¹² Tentang saudara kita Apolos, aku telah mendesaknya mengunjungimu bersama saudara-saudara yang lain, tetapi dia enggan pergi sekarang ini. Jika ada kesempatan, dia akan datang juga.

¹³ Berhati-hatilah, berdiri teguh dalam iman, sentiasa berani dan gigih. ¹⁴ Lakukan segala-galanya dalam kasih.

¹⁵ Saudara-saudaraku, ada satu permintaanku kepadamu. Kamu sedia maklum bahawa Stefanus sekeluarga merupakan hasil pertama pelayananku di Akhaya, dan mereka telah bertekad untuk mengabdikan diri kepada orang salih. ¹⁶ Aku meminta supaya kamu tunduk kepada orang yang demikian, dan kepada semua yang turut berusaha dengan kami.

¹⁷ Aku gembira bahawa Stefanus, Fortunatus dan Akhaikus telah datang, kerana apa-apa

kekuranganku telah dilengkapkan oleh mereka.

¹⁸ Mereka telah menyenangkan hatiku dan hatimu. Oleh itu, hargailah orang yang demikian.

Salam

¹⁹ Jemaah-jemaah di Asia berkirim salam kepadamu. Akwila dan Priskila, serta jemaah di rumah mereka, berkirim salam mesra kepadamu dalam Tuhan. ²⁰ Semua saudara seiman juga berkirim salam kepadamu.

Bersalamanlah dengan ciuman suci.

²¹ Aku juga menyampaikan salam yang kutulis dengan tanganku sendiri – Paulus.

²² Jika ada yang tidak mengasihi Tuhan, terkutuklah dia. Ya Tuhan, datanglah segera!

²³ Kasih kurnia Tuhan Yesus Kristus menyertaimu.

²⁴ Kasihku menyertai kamu semua dalam Kristus Yesus. Amin.

2 KORINTUS

Pendahuluan

1 ¹ Daripada Paulus yang dengan kehendak Allah telah dilantik sebagai rasul Kristus Yesus, dan daripada saudara kita, Timotius, Kepada jemaah di Korintus dan kepada semua orang salih yang tinggal di Akhaya:

² Semoga Allah Bapa kita dan Tuhan Yesus Kristus menganugerahimu kasih kurnia dan damai sejahtera.

Allah sumber segala penghiburan

³ Segala puji bagi Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, Bapa Yang Maha Pemurah dan Allah sumber segala penghiburan. ⁴ Dia menghibur kami dalam pelbagai kesusahan, supaya kami pula dapat menghibur orang yang mengalami kesusahan dengan penghiburan yang kami terima sendiri daripada Allah. ⁵ Sebagaimana banyaknya penderitaan Kristus yang telah kami alami, begitulah banyaknya penghiburan yang kami terima daripada-Nya. ⁶ Jika kami menanggung

kesusahan, itu adalah untuk menghibur kamu dan untuk penyelamatanmu. Jika kami dihibur, itu akan menghibur kamu juga, supaya kamu tetap tabah menanggung penderitaan yang telah kami alami juga. ⁷ Kami tetap menaruh harapan tentang kamu, kerana kami tahu, jika kamu mengalami penderitaan seperti yang kami alami, maka kamu juga akan menerima penghiburan seperti yang kami terima.

⁸ Kami juga hendak memberitahumu, saudara-saudara, tentang kesusahan yang telah menimpa kami di Asia Kecil. Beban kami sungguh berat, lebih daripada yang terdaya kami tanggung, sehingga kami putus asa untuk terus hidup.

⁹ Kami berasa bagaikan telah dijatuhi hukum mati. Namun demikian, itu telah berlaku supaya kami tidak lagi berharap kepada diri sendiri tetapi kepada Allah yang menghidupkan semula orang mati. ¹⁰ Dialah yang telah melepaskan kami daripada bahaya yang amat dahsyat, dan Dialah yang akan melepaskan kami. Kami menaruh harapan kepada-Nya, bahawa Dia akan melepaskan kami. ¹¹ Kamu juga harus menolong kami dengan doa, sehingga ramai orang bersyukur kepada Allah atas kurnia yang diberikan kepada kami kerana doa ramai orang.

Perubahan rancangan Paulus

¹² Inilah kebanggaan kami, dan hati nurani kami bersaksi demikian, yaitu dalam kalangan semua orang, terutamanya dalam kalanganmu, kami hidup di dunia dengan kesucian dan keikhlasan yang datang daripada Allah. Kami melakukan ini bukan dengan kebijaksanaan kami sebagai manusia, tetapi dengan kasih kurnia Allah. ¹³ Segala yang kami tuliskan kepadamu dalam surat ini tidak mengandungi erti yang lain daripada yang kamu baca dan fahami. ¹⁴ Aku berharap bahawa walaupun kamu baru memahami sebahagian tentang diri kami, kamu akan memahami kami sepenuhnya nanti, dan kamu akan berbangga dengan kami sebagaimana kami berbangga dengan kamu pada hari kedatangan Tuhan kita Yesus.

¹⁵ Oleh sebab keyakinan itulah maka aku pernah berniat ke tempatmu lebih dahulu, supaya kamu mendapat berkat dua kali. ¹⁶ Niatku dahulu ialah singgah di tempatmu dalam perjalanan ke Makedonia, dan dari Makedonia datang ke tempatmu lagi untuk meminta kamu menolongku meneruskan perjalanan ke Yudea. ¹⁷ Jika aku merancang begitu, adakah ini

menunjukkan aku tidak berpendirian tetap? Atau adakah aku merancang seperti orang duniawi, demikian mudah berkata “ya” dan “tidak” pada saat yang sama? ¹⁸ Demi Allah Yang Maha Setia, apa yang kami katakan kepadamu bukanlah “ya” atau “tidak.” ¹⁹ Sebabnya Yesus Kristus, Anak Allah yang telah disampaikan berita-Nya kepadamu oleh aku, Silwanus dan Timotius, bukanlah “ya” dan “tidak,” tetapi pada-Nya ada “ya” semata-mata. ²⁰ Yesus adalah “ya” bagi semua janji Allah. Oleh itulah melalui-Nya kita menyebut “Amin” demi kemuliaan Allah. ²¹ Allah telah menentukan kami bersama kamu dalam Kristus. Dia telah melantik kita, ²² menandakan kita dengan materai-Nya, dan mengurniakan Roh-Nya untuk masuk ke hati kita sebagai jaminan.

²³ Aku berseru kepada Allah untuk menjadi saksi terhadap jiwaku, bahawa sebabnya aku belum juga ke Korintus ialah kerana kasihku kepadamu. ²⁴ Kami bukanlah berhasrat memberikan perintah tentang apa yang harus kamu percayai; kamu sudah berdiri teguh dalam keyakinanmu. Kami mahu bekerja bersama kamu demi kebahagiaanmu.

2¹ Aku telah membuat keputusan sendiri, bahwa aku tidak akan datang lagi ke tempatmu dalam kesedihan; ² kerana jika aku mendatangkan kesedihan kepadamu, siapa lagi yang dapat memberikan kegembiraan kepadaku selain kamu yang telah kusedihkan? ³ Oleh itulah aku menuliskannya dalam suratku, supaya jangan nanti aku bersedih kerana mereka yang sepatutnya memberikan kegembiraan kepadaku. Aku percaya bahawa jika aku gembira, kamu akan turut gembira. ⁴ Aku menulis kepadamu dengan air mata bercucuran kerana hatiku sungguh sedih dan cemas. Aku bukanlah berniat hendak menyedihkan kamu, tetapi aku mahu kamu tahu bahawa aku amat mengasihimu.

Mengampuni orang bersalah

⁵ Jika seseorang telah mendatangkan kesedihan maka bukan aku yang ditimpa kesedihan itu, tetapi kamu semua, atau sekurang-kurangnya – supaya aku tidak terlalu keras – sebilangan daripadamu. ⁶ Bagi orang itu, hukuman yang dijatuhkan oleh sebilangan besar sudah cukup. ⁷ Oleh itu, baiklah kamu mengampuni dan menghiburnya, supaya dia tidak ditenggelami kesedihan. ⁸ Dengan demikian, aku meminta kamu menunjukkan bahawa kamu benar-benar mengasihinya. ⁹ Aku menuliskan hal ini

untuk mendapat bukti sama ada kamu mahu menurut petunjukku dalam semua perkara. ¹⁰ Siapa sahaja yang telah kamu ampuni, aku pun telah mengampuninya. Kesalahan apa pun yang kuampunkan – jika memang ada yang harus kuampunkan – kuampunkan di hadapan Kristus untukmu ¹¹ supaya Iblis tidak mendapat keuntungan, kerana kita mengetahui tujuan-tujuannya.

Kebimbangan Paulus di Troas

¹² Apabila aku pergi ke Troas untuk menyebarkan Injil Kristus, ternyata Tuhan telah membukakan pintu untukku. ¹³ Namun demikian, hatiku tidak tenang juga kerana aku tidak menjumpai saudaraku Titus. Oleh itulah aku meminta diri kepada mereka lalu pergi ke Makedonia.

¹⁴ Tetapi syukur kepada Allah yang sentiasa memimpin kami ke arah kemenangan dalam Kristus, dan melalui kami menyebarkan keharuman pengenalan-Nya di merata-rata; ¹⁵ kerana kepada Allah kami adalah keharuman Kristus dalam kalangan mereka yang berada di jalan keselamatan dan mereka yang berada di jalan kebinasaan. ¹⁶ Bagi yang berada di jalan

kebinasaan, kami seperti bau daripada maut yang membawa maut, manakala bagi yang berada di jalan keselamatan, kami seperti bau daripada hidup yang membawa hidup. Siapakah yang sanggup melaksanakan tugas sedemikian?

¹⁷ Kami tidak seperti sebilangan besar orang yang mencari keuntungan daripada firman Allah; sebaliknya, kami berhati ikhlas. Sebagai utusan Allah, kami berkata-kata atas nama Kristus dengan penuh tanggungjawab di hadapan Allah.

3 ¹ Adakah kami memuji diri? Atau perlukah kami menunjukkan surat pujian kepadamu atau yang datang daripadamu, seperti dilakukan oleh sebilangan orang? ² Kamulah surat pujian kami, yang tersurat dalam hati kami, dan yang dapat diketahui serta dibaca oleh semua orang.

³ Kamu adalah surat kiriman Kristus yang kami hantarkan. Surat itu ditulis bukan dengan dakwat, tetapi dengan Roh daripada Allah yang hidup; bukan pada loh batu tetapi pada loh daging iaitu hati manusia.

⁴ Demikianlah keyakinan kami kepada Allah melalui Kristus. ⁵ Kami tidak menganggap kesanggupan kami bekerja datang daripada diri kami sendiri. Kesanggupan itu datang

daripada Allah. ⁶ Dialah yang telah menjadikan kami sanggup mengabdikan diri kepada umat perjanjian baru yang tidak lagi berasaskan hukum-hukum bertulis tetapi berasaskan Roh; kerana perintah-perintah tersurat itu membawa kematian sedangkan Roh membawa kehidupan.

Kemuliaan perjanjian baru

⁷ Jika perjanjian yang membawa kepada kematian, iaitu yang terukir hurufnya pada loh-loh batu, diturunkan dari kemuliaan wajah Musa sehingga bangsa Israel tidak dapat memandang wajahnya, walaupun ketika itu sinarnya sudah mulai malap; ⁸ maka tentulah perjanjian yang datang daripada Roh lebih besar lagi kemuliaannya. ⁹ Jika perjanjian yang membawa manusia kepada penghakiman begitu mulianya, maka perjanjian yang membawa manusia kepada perbenaran^y tentulah jauh lebih mulia lagi! ¹⁰ Sesuatu yang dahulu dipandang mulia tidak mulia lagi berbanding sesuatu yang jauh lebih mulia. ¹¹ Jika sesuatu yang sementara

Y3:9 Perkataan 'perbenaran' membawa beberapa makna tertakluk kepada konteksnya. Dalam ayat ini, perbenaran merujuk kepada tindakan Allah untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinkan orang berdosa berbaik semula dengan-Nya.

3:6: Yer 31:31. **3:7:** Kel 34:29.

telah diturunkan dengan kemuliaan, maka sesuatu yang kekal haruslah diturunkan dengan kemuliaan yang lebih besar.

¹² Oleh sebab kami menaruh harapan demikian, maka kami lebih berani, ¹³ berbeza dengan Musa yang menutup wajahnya dengan selubung supaya bangsa Israel tidak dapat memandang kemuliaan yang beransur malap. ¹⁴ Fikiran mereka menjadi tumpul, kerana hingga hari ini, apabila mereka membaca Kitab-kitab Suci yang mengandungi perjanjian lama, selubung itu masih tetap menghalang pandangan mereka. Selubung tidak akan terbuka kecuali dalam Kristus. ¹⁵ Malah hingga sekarang, ketika mereka membaca Kitab Suci yang disampaikan melalui Musa, selubung itu masih menutupi hati mereka. ¹⁶ Apabila hati mereka kembali kepada Tuhan, selubung itu akan disingkapkan. ¹⁷ Tuhan ialah Roh; dan di mana ada Roh Tuhan, di situlah ada kebebasan. ¹⁸ Kita semua melihat kemuliaan Tuhan tercermin dengan wajah yang tidak berselubung, dan kita diubah menjadi serupa dengan-Nya dalam kemuliaan yang kian besar, oleh Roh Tuhan.

Harta rohani dalam bejana tanah

4¹ Oleh itu, dengan belas kasihan Allah, kami mempunyai amanah pelayanan ini. Maka kami tidak tawar hati.² Kami menolak semua perbuatan rahsia yang memalukan. Kami juga tidak melakukan tipu daya atau menyalahertikan firman Allah. Akan tetapi dengan menyatakan kebenaran, kami menyerahkan diri untuk dinilai oleh hati nurani semua orang di hadapan Allah.³ Namun demikian, sekiranya Injil yang kami sampaikan itu tetap terselubung juga, maka memanglah Injil itu terselubung bagi mereka yang akan binasa.⁴ Fikiran orang yang tidak beriman itu telah dibutakan oleh tuhan pujaan dunia, maka mereka tidak dapat melihat cahaya Injil tentang kemuliaan Kristus yang merupakan gambaran Allah.⁵ Kami tidak menyebarkan berita tentang diri kami, tetapi tentang Yesus Kristus sebagai Tuhan. Diri kami mengabdikan kepadamu sebagai hamba kerana Yesus.⁶ Allah telah berfirman, “Hendaklah cahaya bersinar dari dalam gelap.” Allah juga yang telah membuat cahaya itu bersinar dalam hati kita, sehingga kita mendapat pengetahuan tentang kemuliaan Allah di wajah Yesus Kristus.

⁷ Tetapi kami memiliki harta yang ada dalam bejana tanah liat supaya jelaslah bahawa kuasa yang melebihi segala-galanya berasal daripada Allah, bukan daripada diri sendiri. ⁸ Dalam segala hal kami dihimpit, tetapi tidak hancur. Kami bingung, tetapi tidak putus asa. ⁹ Kami dianiaya, tetapi tidak ditinggalkan. Kami dijatuhkan, tetapi tidak dimusnahkan. ¹⁰ Ke mana-mana pun kami pergi, kami sentiasa membawa kematian Yesus dalam tubuh kami, supaya kehidupan-Nya nyata dalam tubuh kami. ¹¹ Kami yang masih hidup ini sentiasa diserahkan ke tangan maut demi Yesus, supaya kehidupan-Nya nyata dalam tubuh kami yang fana. ¹² Oleh itu, maut bekerja dalam diri kami, sebaliknya hidup bekerja dalam dirimu.

¹³ Namun demikian, oleh sebab kami mempunyai roh iman seperti yang tersurat, “Aku percaya, maka aku bersuara”, kami pun berkata, “Kami percaya, maka kami bersuara.” ¹⁴ Kami tahu bahawa Dia yang telah membangkitkan Yesus, Tuhan kita, akan membangkitkan kami juga bersama Yesus, lalu menghadapkan kami bersama kamu kepada-Nya. ¹⁵ Semuanya berlaku untukmu; dengan melimpahnya kasih kurnia kepada orang yang kian ramai, melimpah pulalah ucap syukur bagi kemuliaan Allah.

¹⁶ Dengan demikian, kami tidak tawar hati. Walaupun manusia lahiriah kami kian merosot, namun manusia batiniah kami diperbaharu setiap hari. ¹⁷ Kesusahan yang ringan dan hanya sedetik ini membawa bagi kami kemuliaan yang kekal tanpa bandingan. ¹⁸ Kami tidak mementingkan hal-hal yang kelihatan, tetapi hal-hal yang tidak kelihatan; kerana yang kelihatan itu cuma sedetik, manakala yang tidak kelihatan itu kekal.

Tempat tinggal di syurga

5 ¹ Kami tahu bahawa apabila khemah tempat kami tinggal di bumi ini roboh, Allah telah menyediakan tempat kediaman bagi kami di syurga, yang tidak diperbuat oleh tangan manusia, dan yang bersifat kekal. ² Dalam khemah yang kita diami kini, kita merintih dan merindui tempat tinggal kita di syurga, yang akan kita terima. ³ Setelah kita menerimanya, kita tidaklah akan tinggal terdedah. ⁴ Selagi kita masih mendiami khemah yang sekarang, kita merintih kerana terbeban, kerana kita tidak mahu terdedah; kita ingin dilindungi oleh yang kekal, ingin agar yang fana digantikan dengan yang hidup. ⁵ Inilah yang telah disediakan Allah untuk kita; dan Dia telah mengurniakan Roh-Nya kepada kita sebagai jaminan.

⁶ Oleh itu, kami sentiasa yakin. Kami tahu bahawa selagi kami mendiami tubuh ini, kami masih jauh daripada Tuhan; ⁷ Sebabnya kami hidup dengan iman, bukan dengan penglihatan. ⁸ Kami sentiasa yakin. Sebenarnya kami lebih suka jika dipisahkan dari tubuh ini dan tinggal bersama Tuhan. ⁹ Dengan demikian, baik ketika masih mendiami tubuh ini mahupun ketika dipisahkan darinya, kami berusaha supaya tetap diredai-Nya. ¹⁰ Kita semua akan dihadapkan ke pengadilan Kristus, dan setiap orang akan menerima balasan yang setimpal dengan perbuatan dalam hidupnya, baik ataupun jahat.

Mengusahakan pendamaian

¹¹ Kami tahu apa yang dimaksudkan dengan takut kepada Tuhan. Oleh itu, kami berusaha meyakinkan orang. Allah mengenal kami dengan jelas, dan aku berharap dalam hati nuranimu kamu juga mengenal kami dengan jelas. ¹² Kami bukanlah cuba memuji diri lagi di hadapanmu, tetapi kami memberimu alasan untuk berbangga dengan kami, supaya kamu dapat memberikan jawapan kepada mereka yang membanggakan hal-hal lahiriah dan bukan hal-hal batiniah. ¹³ Sekiranya kami kelihatan seperti orang yang

kehilangan akal, itu adalah demi kepentingan Allah. Jika kami kelihatan seperti orang yang berakal, itu adalah demi kepentinganmu. ¹⁴ Kasih Kristus menguasai hidup kami, dan kami yakin bahawa apabila seseorang telah mati bagi semua orang, maka semua orang itu pun telah mati.

¹⁵ Dia telah mati bagi semua orang, supaya mereka yang hidup tidak lagi hidup untuk diri sendiri tetapi untuk Dia yang telah mati dan telah dibangkitkan bagi mereka.

¹⁶ Oleh itu, dari saat itu kami tidak memandangkan orang berdasarkan keadaan lahiriah semata-mata. Memang kami pernah memandangkan Kristus secara lahiriah tetapi kini tidak lagi. ¹⁷ Sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru. ¹⁸ Semuanya datang daripada Allah, yang telah mendamaikan kita dengan diri-Nya melalui Kristus, dan mengamanahkan kepada kami tugas mulia untuk mengusahakan pelayanan perdamaian itu. ¹⁹ Dalam Kristus, Allah telah mendamaikan isi dunia ini dengan diri-Nya dan tidak lagi memperhitungkan kesalahan-kesalahan mereka. Berita perdamaian itu telah diamanahkan-Nya kepada kami.

²⁰ Kami ialah para duta Kristus. Melalui kami, Allah menyampaikan apa yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, demi Kristus, kami meminta kepadamu:

Berdamailah semula dengan Allah! ²¹ Allah menjadikan Dia yang tidak mengenal dosa menjadi penanggung dosa untuk kita, supaya dalam Dia kita diperbenar oleh Allah.

6 ¹ Sebagai rakan-rakan sekerja, kami meminta kepadamu, janganlah sia-siakan kasih kurnia Allah yang telah kamu terima, ² kerana demikianlah firman-Nya,

“Aku telah mendengar kata-katamu ketika Aku berkenan dan pada hari penyelamatan, Aku telah menolongmu.”

Sekaranglah waktunya Allah berkenan dan sekaranglah hari penyelamatan itu.

Penderitaan Paulus

³ Dalam hal apa jua, kami tidak menyebabkan orang tersandung, supaya pengabdian kami tidak dicela. ⁴ Sebaliknya, dalam semua hal, kami telah membuktikan bahawa kami bersikap secara yang wajar bagi hamba-hamba Allah. Kami cukup tabah menghadapi kesusahan, kesulitan dan kesempitan, ⁵ sebatan, pemenjaraan, huru-hara, penat lelah, bercekang mata, dan keadaan lapar. ⁶ Kami hidup dalam kesucian, pengetahuan, kesabaran, baik budi, dalam Roh Kudus, dan

dalam kasih sejati. ⁷ Kami menyampaikan kebenaran, dan hidup dalam kuasa Allah. Kami bersenjatakan perbenaran,² di tangan kanan dan kiri. ⁸ Kami dimuliakan dan dihina, dikeji dan dipuji. Kami dipanggil penipu sedangkan kami benar. ⁹ Kami dianggap tidak dikenali, padahal terkenal. Kami disangka sudah hampir mati, tetapi ternyata masih hidup. Kami dibelasah, namun tidak dibunuh. ¹⁰ Kami disedihkan, tetapi sentiasa gembira. Kami miskin, namun ramai yang kami per kaya. Kami tidak memiliki apa-apa, tetapi kami mempunyai segala-galanya.

¹¹ Wahai orang Korintus! Kami telah bercakap terus terang kepadamu, hati kami terbuka luas. ¹² Kamu terbatas bukanlah oleh kami tetapi oleh perasaanmu sendiri.

Jangan berpasangan dengan orang yang tidak beriman

¹³ Oleh itu, aku berkata seperti kepada anak-anak, bukalah hatimu supaya antara kita saling berterus terang.

²**6:7** Perkataan 'perbenaran' berbeza ertinya daripada 'kebenaran.' Rangkai kata, 'bersenjatakan perbenaran' membawa maksud berpegang kepada perbenaran Allah sebagai senjata. Oleh sebab perbenaran Allah, manusia menjadi baik semula dengan-Nya.

¹⁴ Janganlah berpasangan dengan orang yang tidak beriman. Pasangan begitu tidak sepadan; kerana adakah persamaan antara yang benar dengan yang derhaka? Dapatkah terang bersatu dengan gelap? ¹⁵ Adakah muafakat antara Kristus dengan Belial? Adakah kesamaan antara orang yang beriman dengan orang yang tidak beriman? ¹⁶ Apakah hubungannya antara bait Allah dengan berhala-berhala? Kita ialah bait Allah yang hidup, seperti dalam firman-Nya,

“Aku akan tinggal dalam mereka dan berjalan di antara mereka.

Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku.”

¹⁷ Oleh itu,

“Keluarlah daripada kalangan mereka, dan asingkanlah dirimu daripada mereka,” demikianlah firman Tuhan.

“Jangan sentuh yang najis, maka Aku akan menerimamu”

¹⁸ “Aku akan menjadi Bapamu, dan kamu, anak-anak-Ku lelaki perempuan, demikianlah

firman Tuhan Yang Maha Kuasa.”

7¹ Oleh sebab kita telah mendapat janji-janji itu, saudara-saudara yang kukasihi, sucikanlah diri daripada segala yang menajiskan tubuh atau roh, dan sempurnakan kesucian kita dengan rasa takut kepada Allah.

Sukacita Paulus

² Berikanlah tempat bagi kami dalam hatimu. Kami tidak pernah berbuat salah kepada sesiapa. Kami tidak pernah merosakkan iman atau memperalatkan sesiapa. ³ Aku berkata demikian bukan untuk menyalahkan kamu, kerana tadi aku menyatakan bahawa kamu telah mendapat tempat dalam hati kami, maka kita sehidup semati. ⁴ Aku sangat mempercayaimu dan berbangga denganmu. Aku sangat terhibur, dan dalam segala kesusahan kami, hatiku dipenuhi kegembiraan.

⁵ Setelah sampai di Makedonia, ternyata kami langsung tidak mengalami ketenangan dalam batin. Kami menanggung pelbagai kesusahan: persengketaan dari luar, dan ketakutan dalam diri sendiri. ⁶ Tetapi Allah, yang menghibur orang yang putus asa, menghibur kami dengan kedatangan Titus. ⁷ Bukan kedatangannya sahaja yang menghibur, malah juga penghiburan yang

didapatinya keranamu. Dia bercerita kepada kami tentang kerinduanmu, penyesalanmu, dan kesungguhan semangatmu menyokongku, yang lebih menggembirakan lagi hatiku.

⁸ Walaupun aku telah menyedihkanmu dengan surat yang kukirim, aku tidak menyesal. Pada suatu ketika memang aku menyesal, kerana jelas sekali surat itu telah menyedihkanmu, biarpun untuk beberapa detik. ⁹ Tetapi kini aku gembira, bukan kerana kamu bersedih, tetapi kerana kesedihanmu itu membawa taubat. Ertinya, memanglah kamu bersedih, tetapi hal itu selaras dengan kehendak Allah, maka kami tidaklah merugikanmu. ¹⁰ Kesedihan yang selaras dengan kehendak Allah membawa taubat dan penyelamatan, maka tidak harus disesali. Sebaliknya, kesedihan dari dunia ini membawa maut. ¹¹ Perhatikan bahawa kesedihanmu itu selaras dengan kehendak Allah. Betapa hebatnya yang dicetuskan dalam dirimu: kesungguhan, keinginan membersihkan diri daripada tuduhan, kemarahan, ketakutan, kerinduan, semangat, dan usaha menegakkan keadilan. Dari segala segi kamu telah membuktikan dirimu suci dalam hal ini.

¹² Kutulis surat itu kepadamu bukan untuk orang yang melakukan kesalahan itu, dan bukan pula untuk orang yang menjadi mangsa kesalahan

itu, tetapi supaya perhatian kami terhadapmu di hadapan Allah ternyata kepadamu. ¹³ Oleh sebab itulah kami berasa terhibur.

Tetapi selain itu, kami berasa lebih gembira lagi melihat kegembiraan Titus, kerana kamu telah menenteramkan hatinya. ¹⁴ Aku telah berbangga denganmu di hadapan Titus dan aku tidak malu berbuat demikian. Sebagaimana dalam hal-hal lain kami bercakap benar kepadamu, kata-kata bangga kami terhadapmu di hadapan Titus juga ternyata benar. ¹⁵ Kasihnya kepadamu kian mendalam apabila dia mengingati ketaatanmu, dan betapa kamu telah menyambutnya dengan takut dan gementar. ¹⁶ Aku gembira kerana aku dapat mempercayaimu dalam segala hal.

Kemurahan hati

8 ¹ Kami ingin memberitahumu, saudara-saudaraku, tentang kasih kurnia Allah kepada jemaah-jemaah di Makedonia. ² Sungguhpun mereka banyak diuji dengan kesusahan, namun kegembiraan mereka melimpah. Walaupun mereka sangat miskin, mereka kaya dalam kemurahan hati. ³ Aku dapat memberikan kesaksian bahawa dengan rela hati mereka telah memberi setakat termampu, malah

lebih daripada itu. ⁴ Mereka telah meminta bersungguh-sungguh kepada kami agar mereka diberi anugerah untuk menyumbang kepada keperluan orang salih. ⁵ Hal ini benar-benar di luar jangkaan kami. Mereka mempersembahkan diri pertama-tama kepada Tuhan, kemudian kepada kami juga dengan kehendak Allah.

⁶ Oleh itu, kami meminta bersungguh-sungguh kepada Titus, yang telah memulakan usaha itu, supaya melanjutkan pekerjaan yang mulia^a itu dalam kalanganmu. ⁷ Jadi, sebagaimana kamu kaya dalam segala hal dalam iman, kata-kata, pengetahuan, kesungguhan dan dalam kasihmu kepada kami hendaklah kamu kaya juga dalam pekerjaan yang mulia^b itu.

⁸ Ini bukanlah satu perintah, tetapi aku menguji keikhlasan kasihmu berbanding kesungguhan orang lain. ⁹ Kamu tahu tentang kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus. Dia kaya, tetapi kerana kamu Dia telah menjadikan diri-Nya miskin supaya melalui kemiskinan-Nya kamu menjadi kaya.

¹⁰ Dalam hal ini, aku menasihatimu: Sudah sewajarnya kamu meneruskan apa yang kamu mulakan setahun lalu. Pada masa itu, kamulah

^a8:6 Atau: Melanjutkan pekerjaan kasih kurnia ini.

^b8:7 Atau: Dalam pekerjaan kasih kurnia.

yang mula-mula berhasrat memberi, dan kamulah yang mula-mula bertindak. ¹¹ Sekarang, hendaklah kamu menyempurnakannya. Dahulu kamu telah membuat keputusan memberi, maka sekarang buktikanlah bahawa kamu bersedia melaksanakannya menurut kemampuanmu. ¹² Jika seseorang sanggup memberi, Allah reda menerima pemberiannya menurut apa yang dia ada, bukan apa yang dia tidak ada.

¹³ Maksudku bukanlah supaya orang lain dimudahkan manakala kamu disusahkan, tetapi agar terdapat persamaan. ¹⁴ Kini, kelebihanmu dapat menampung kekurangan mereka. Satu hari nanti, kelebihan mereka dapat menampung kekuranganmu pula, maka terdapatlah persamaan, ¹⁵ seperti yang telah tersurat,

“Orang yang memungut banyak tidak berlebihan,
dan orang yang memungut sedikit tidak kekurangan.”

Titus diutus ke Korintus

¹⁶ Segala puji dan syukur kepada Allah kerana telah meletakkan ke dalam hati Titus keprihatinan yang sama terhadapmu. ¹⁷ Titus menerima

permintaan kami, malah dengan kehendaknya sendiri pergi mengunjungimu. ¹⁸ Kami mengutus seorang lagi saudara kita bagi menyertai Titus: Seorang yang terpuji dalam kalangan semua jemaah kerana pelayanannya dalam hal-hal Injil. ¹⁹ Malah dia juga telah dipilih oleh semua jemaah untuk menemani kami dalam perjalanan kami, yang bertujuan menyampaikan pemberian itu, agar Tuhan dimuliakan dan kesediaanmu menolong menjadi nyata.

²⁰ Kami juga ingin mengelakkan daripada dicela berkaitan tindakan kami membawa pemberian yang begitu besar. ²¹ Kami berusaha melakukan apa yang benar bukan sahaja di mata Tuhan tetapi juga di mata manusia.

²² Oleh yang demikian, bersama Titus dan saudara kita itu, kami mengutus seorang lagi saudara kita. Kami telah mengujinya beberapa kali dan mendapatinya amat bersungguh-sungguh. Malah sekarang dia lebih bersungguh-sungguh lagi disebabkan kepercayaan yang sangat besar kepadamu.

²³ Titus ialah temanku dan rakan sekerjaku untuk kepentinganmu. Saudara-saudara kita yang lain itu adalah utusan jemaah-jemaah, dan kemuliaan Kristus. ²⁴ Oleh itu, tunjukkanlah kepada mereka

dan di hadapan semua jemaah bukti kasihmu serta kebanggaan kami kepadamu.

9¹ Tentang pemberian bantuan kepada orang salih, aku tidak perlu menulis kepadamu, ² kerana aku tahu kesediaanmu. Malah aku berbangga tentangmu di hadapan orang Makedonia dengan berkata bahawa Akhaya sudah siap memberi sejak tahun lalu; semangatmu telah banyak memberikan perangsang. ³ Aku mengutus saudara-saudara kita itu supaya kebanggaan kami kepadamu dalam hal ini tidak sia-sia. Oleh itu, kamu hendaklah benar-benar siap sedia, seperti yang telah kukatakan kepada mereka. ⁴ Kalau ada orang Makedonia yang datang bersama aku dan mereka mendapati kamu belum siap, maka kami (tentulah juga kamu!) akan berasa malu, kerana kami begitu yakin. ⁵ Dengan demikian aku telah meminta saudara-saudara kita pergi terlebih dahulu menemui kamu dan mengatur pemberian yang telah kamu janjikan itu; biar pemberian itu terkumpul dari kemurahan hatimu, bukan kerana terpaksa.

Menyemai banyak

⁶ Ingatlah firman ini: Orang yang menyemai sedikit akan menuai sedikit, dan orang yang menyemai banyak akan menuai banyak.

⁷ Masing-masing hendaklah memberi setulus hati, jangan dengan rasa enggan atau terpaksa, kerana Allah mengasihi orang yang memberi dengan gembira. ⁸ Allah berkuasa melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadamu, supaya kamu dapat memenuhi segala keperluanmu dan berlebihan pula untuk amal kebajikan. ⁹ Sebagaimana tersurat,

“Dia telah menaburkan kurnia-Nya di
merata-rata dalam kalangan orang miskin;
Perbenaran-Nya^c kekal selama-lamanya.”

¹⁰ Allah telah menyediakan benih untuk disemai dan roti untuk dimakan. Semoga Allah melipatgandakan benih yang telah kamu semai dan memperbanyak buah hasil perbenaranmu, ¹¹ serta memperkaya kamu dalam segala hal, sehingga kamu dapat terus-menerus bermurah hati. Pemberianmu yang disampaikan melalui kami akan menimbulkan rasa syukur kepada Allah. ¹² Kerana pekerjaan mulia yang sedang kita usahakan ini bukan sahaja akan menampung kekurangan orang salih, tetapi juga menyebabkan ramai orang mengucap

^c**9:9** Dalam konteks ini, kata ‘perbenaran’ yang diterjemahkan drpd perkataan Yunani, ‘dikaiosunē’ membawa maksud kebaikan, kemurahan dan keadilan.

9:9: Mzm 112:9. **9:10:** Yes 55:10.

syukur kepada Allah. ¹³ Melalui pekerjaan mulia ini, kamu membuktikan imanmu dan mereka memuliakan Allah kerana melihat kesetiaan pengakuanmu terhadap Injil Kristus serta kemurahan hati yang kamu tunjukkan dengan pemberian kepada mereka dan semua orang. ¹⁴ Mereka berdoa untukmu dan ingin berdamping denganmu kerana kasih kurnia Allah yang melebihi segala-galanya memenuhi dirimu. ¹⁵ Segala puji dan syukur kepada Allah kerana kurnia-Nya yang tidak terperikan.

Paulus mempertahankan diri

10 ¹ Sekarang aku, Paulus, yang gementar ketika berhadapan denganmu tetapi berani ketika berjauhan, memohon sesuatu kepadamu atas sifat Kristus yang lemah lembut dan rendah hati. ² Aku memohon kepadamu, apabila aku datang nanti, janganlah sampai aku terpaksa menunjukkan keberanian di hadapanmu. Aku memang berniat untuk bertindak begitu terhadap beberapa orang yang menyangka bahawa kami hidup seperti orang duniawi. ³ Walaupun kami hidup di dunia, kami tidaklah berjuang secara duniawi. ⁴ Senjata-senjata kami bukanlah benda-benda duniawi tetapi kekuatan Ilahi untuk meruntuhkan benteng-benteng, ⁵ mematahkan hujah-hujah

dan segala yang meninggikan diri menentang pengenalan Allah, menundukkan semua fikiran supaya mematuhi Kristus,⁶ serta bersedia menghukum segala keingkaran terhadap Allah apabila ketaatanmu disempurnakan.

⁷ Kamu hanya melihat sesuatu berdasarkan lahiriahnya. Jika seseorang yakin dalam hatinya bahawa dia milik Kristus, hendaklah dia memikirkan pula, bahawa sebagaimana dia milik Kristus, begitu jugalah kita ini milik Kristus.

⁸ Kalaupun aku berbangga lebih sedikit tentang kewibawaan kami, yang diberikan oleh Tuhan kepada kami untuk membangunkan dan bukan membinasakan kamu, aku tidak akan berasa malu. ⁹ Aku tidak mahu kamu menyangka bahawa aku hendak menakut-nakutkanmu dengan surat-suratku. ¹⁰ Ada yang berkata, “Surat-suratnya bernas dan tegas, tetapi apabila berhadapan muka, dia kelihatan daif dan pertuturannya pun tidak memberikan kesan.”

¹¹ Orang yang berkata demikian haruslah menimbangkan hal ini: Bahawa sebagaimana kata-kata kami dalam surat ketika berjauhan, begitulah juga tindakan kami apabila berhadapan kelak.

¹² Kami tidak berani menggolongkan atau membandingkan diri kami dengan mereka yang memuji diri sendiri. Apabila mereka menilai diri

sendiri dan membandingkan diri sama sendiri, mereka tidaklah bertindak dengan bijaksana.

¹³ Sebaliknya, kami tidak akan berbangga berlebih-lebihan, tetapi dalam batas-batas lingkungan yang ditetapkan Allah untuk kami – lingkungan yang khususnya merangkum kamu.

¹⁴ Kami tidaklah melampaui batas-batas yang ditetapkan Allah, seolah-olah kami belum sampai ke tempatmu. Kamilah yang pertama datang membawa Injil Kristus kepadamu. ¹⁵ Kami tidak berbangga di luar batas, yaitu tentang usaha orang lain; tetapi kami berharap bahwa dengan bertambahnya imanmu, kamu akan memperluas lingkungan kami. ¹⁶ Dengan demikian kami akan menyampaikan Injil di kawasan-kawasan yang lebih jauh lagi daripada tempatmu, dan tidak berbangga dalam lingkungan kerja orang lain.

¹⁷ “Tetapi sesiapa yang bermegah, maka hendaklah dia bermegah dalam Tuhan.”

¹⁸ Kerana bukanlah orang yang memuji diri sendiri yang diperkenan tetapi orang yang dipuji oleh Tuhan.

Paulus menentang rasul palsu

11 ¹ Aku harap kamu akan bersabar dengan satu kebodohan kecilku. Sememangnya

kamu bersabar denganku. ² Aku cemburu terhadapmu dengan cemburu ilahi; kerana aku telah menunangkan kamu dengan Kristus dan ingin menyerahkanmu kepada-Nya sebagai anak dara yang suci. ³ Tetapi aku takut kalau-kalau fikiranmu akan dicemari sebagaimana Hawa telah diperdaya oleh ular dengan kepintarannya, sehingga kamu berpaling daripada kesetiaanmu yang murni kepada Kristus. ⁴ Jika seseorang datang menyebarkan perkhabaran tentang Yesus yang lain daripada yang kami ajarkan; atau kamu memperoleh roh yang lain daripada yang telah kamu peroleh, atau Injil yang lain daripada yang telah kamu terima; mungkin sekali kamu bersabar sahaja terhadapnya.

⁵ Aku rasa aku tidaklah kurang berbanding rasul-rasul yang unggul itu. ⁶ Sungguhpun aku tidak terlatih dalam bertutur kata, namun aku tidaklah kekurangan dalam pengetahuan. Kami telah ternyata sepenuhnya kepadamu dalam segala hal.

⁷ Berdosakah aku merendahkan diriku supaya kamu ditinggikan, kerana aku menyampaikan Injil Allah kepadamu tanpa mengenakan bayaran?

⁸ Aku telah “merompak” jemaah-jemaah lain dengan menerima ganjaran daripada mereka

untuk melayanimu. ⁹ Apabila aku berada dalam kalanganmu, dalam keadaanku yang serba kurang, aku tidak membebani sesiapa pun di antaramu; kerana segala keperluanku dipenuhi oleh saudara-saudara kita dari Makedonia. Dalam segala hal aku memastikan bahawa aku tidak menjadi beban kepadamu; dan demikianlah akan terus kulakukan. ¹⁰ Sebagaimana kebenaran Kristus tetap ada dalam diriku, tiada siapa pun akan menghalangku daripada berbangga dalam hal ini di wilayah Akhaya. ¹¹ Mengapa? Kerana aku tidak mengasihimu? Allah yang tahu!

¹² Tetapi aku akan terus melakukan apa yang kulakukan sekarang, untuk menutup peluang bagi mereka yang mencari peluang supaya dianggap sama dengan kami dalam hal-hal yang dibanggakan mereka. ¹³ Mereka ialah rasul palsu. Mereka berusaha dengan tipu daya dan menyamar sebagai rasul Kristus. ¹⁴ Ini tidaklah menghairankan, kerana Iblis sendiri menyamar sebagai malaikat cahaya. ¹⁵ Oleh itu, bukanlah suatu hal yang menakjubkan jika pelayan-pelayannya menyamar sebagai pelayan-pelayan yang benar. Akhirnya mereka akan menerima balasan setimpal dengan apa yang dikerjakan mereka.

Paulus berbangga dengan penderitaannya

¹⁶ Sekali lagi aku berkata, janganlah sesiapa menyangka aku bodoh. Tetapi sekiranya aku disangka begitu, terimalah aku sebagai orang bodoh, agar aku dapat berbangga sedikit. ¹⁷ Apa yang kukatakan ini bukanlah menurut Tuhan tetapi selaku orang bodoh dalam keyakinan berbangga. ¹⁸ Memandangkan ramai orang yang berbangga secara duniawi, maka aku akan berbangga juga; ¹⁹ kerana kamu begitu senang hati bersabar dengan orang bodoh, sedangkan kamu bijak. ²⁰ Kamu bersabar dengan orang yang memperhamba kamu, yang menelanmu, yang memerangkapmu dengan tipu helah, yang meninggikan dirinya, yang menampar mukamu. ²¹ Dalam hal demikian, dengan rasa malu aku mengaku, kami memang lemah.

Tetapi jika orang lain berani berbangga tentang sesuatu sebagai orang bodoh aku berkata, aku juga berani. ²² Adakah mereka berbangga kerana mereka orang Ibrani? Aku juga begitu. Kerana mereka bangsa Israel? Aku juga begitu. Kerana mereka keturunan Abraham? Aku juga begitu. ²³ Kerana mereka para pelayan Kristus? Aku berkata sebagai orang bodoh: Aku lebih

lagi! Aku lebih banyak bertungkus-lumus, lebih kerap disebat, lebih sering dipenjarakan, selalu sahaja diancam maut. ²⁴ Lima kali, sebanyak empat puluh kurang satu sebatan setiap kalinya, aku disebat oleh orang Yahudi. ²⁵ Tiga kali aku dipukul dengan tongkat, sekali direjam, tiga kali ditimpa kejadian kapal karam, dan sehari semalam terkatung-katung di laut. ²⁶ Dalam perjalanan, sering kali aku menghadapi bahaya; bahaya dari sungai, bahaya daripada penyamun, bahaya daripada bangsaku sendiri orang Yahudi, bahaya daripada bangsa-bangsa lain, bahaya di kota, bahaya di gurun, bahaya di laut, dan bahaya daripada orang yang berpura-pura sebagai saudara seiman. ²⁷ Aku sering keletihan bekerja keras, kurang tidur, kelaparan dan kehausan. Kerap kali aku terpaksa mengikat perut, menanggung kesejukan, kekurangan pakaian. ²⁸ Di samping itu, setiap hari aku dibebani rasa runsing dan prihatin terhadap semua jemaah. ²⁹ Jika seseorang lemah, tidakkah aku turut merasakan kelemahannya? Jika seseorang tersandung, masakan hatiku tidak sengsara kerananya!

11:24: Ul 25:3. **11:25 a:** Kis 16:22; **b:** Kis 14:19.

11:26 a: Kis 9:23; **b:** Kis 14:5.

³⁰ Sekiranya aku hendak berbangga, aku akan berbangga tentang kelemahan-kelemahanku.

³¹ Allah, Bapa Tuhan Yesus yang terpuji selama-lamanya, tahu bahawa aku tidak berdusta. ³² Gabenor kota Damsyik, di bawah pemerintahan Raja Aretas, menyuruh agar kota itu dijaga oleh tentera, untuk menangkapku.

³³ Tetapi aku diturunkan di dalam sebuah bakul melalui sebuah jendela di tembok kota itu, lalu aku terlepas daripada tangannya.

Penglihatan Paulus

12 ¹ Tentu sekali tiada faedahnya aku berbangga. Aku akan menceritakan penglihatan dan wahyu yang kudapati daripada Tuhan. ² Aku mengenal seorang dalam Kristus. Empat belas tahun lalu, orang itu dibawa ke langit yang ketiga (sama ada di dalam tubuh atau di luar tubuh aku tidak tahu, Allah yang mengetahuinya). ³ Aku tahu orang itu (sama ada di dalam tubuh atau di luar tubuh aku tidak tahu, Allah yang mengetahuinya) ⁴ dibawa ke Firdaus lalu mendengar kata-kata yang tidak diperikan, yang tidak boleh dituturkan oleh manusia. ⁵ Aku berbangga dengan orang itu, tetapi aku tidak akan berbangga dengan diriku, kecuali

kelemahan-kelemahanku. ⁶ Walaupun jikanya aku ingin berbangga, aku bukanlah bodoh, kerana aku menyatakan yang benar. Tetapi aku tidak akan melakukannya, supaya jangan ada orang yang menilaiku lebih tinggi daripada yang dilihatnya tentangku dan yang didengarnya daripadaku.

⁷ Supaya aku tidak terasa terlalu tinggi kerana begitu dilimpahi wahyu, aku telah diberi duri dalam daging, utusan Iblis, untuk menyakitiku.

⁸ Sudah tiga kali aku memohon kepada Tuhan supaya seksa ini disisihkan daripadaku. ⁹ Tetapi firman-Nya, “Cukuplah kasih kurnia-Ku bagimu, kerana kekuatan-Ku menjadi sempurna dalam kelemahan.” Oleh itu, aku paling rela berbangga tentang kelemahan-kelemahanku, supaya kuasa Kristus menaungiku. ¹⁰ Oleh itu, aku rela menanggung pelbagai kelemahan, celaan, kesempitan, penganiayaan dan kesusahan untuk Kristus; kerana apabila aku lemah, ketika itulah aku kuat.

Prihatin Paulus terhadap jemaah di Korintus

¹¹ Aku telah berbangga selaku orang bodoh. Kamu telah memaksaku berbuat demikian. Sepatutnya kamu memberiku penghargaan; kerana aku tidak kurang daripada rasul-rasul terunggul itu, walaupun aku orang yang tidak

penting. ¹² Tanda-tanda kerasulanku telah ditunjukkan kepadamu dengan sepenuhnya, yaitu pelbagai tanda ajaib dan mukjizat. ¹³ Dari segi apakah kamu kurang daripada jemaah-jemaah lain, kecuali aku tidak membebanimu? Maafkan kesalahanku itu!

¹⁴ Kini, bagi kali ketiga, aku bersedia mengunjungi kamu. Aku tidak akan membebani kamu, kerana aku menghendaki kamu, bukan hartamu. Tidakkah wajar anak-anak mengumpulkan harta untuk ibu bapa. Ibu bapalah yang patut mengumpulkan harta untuk anak-anak. ¹⁵ Aku rela berbelanja malah berhabis untukmu. Oleh itu, jika kasihku semakin kulimpahkan kepadamu, wajarkah aku semakin kurang dikasihi?

¹⁶ Walau bagaimanapun, aku tidak membebanimu. Namun demikian, aku dikatakan pandai memperdaya dan menawanmu dengan tipu helah! ¹⁷ Pernahkah aku memperdayamu melalui orang yang telah kuutus kepadamu? ¹⁸ Aku telah meminta Titus pergi mengunjungi, bersama seorang lagi saudara kita. Adakah Titus memperdayamu? Tidakkah kami hidup menurut roh yang sama? Tidakkah kami bertindak dengan langkah-langkah yang sama?

¹⁹ Adakah kamu menyangka kami membela diri di hadapanmu? Kami bersuara di hadapan Allah dalam Kristus. Kami melakukan segala-galanya untuk menguatkanmu, saudara-saudara yang kukasihi. ²⁰ Aku takut kalau-kalau ketika aku datang nanti, aku mendapatimu tidak seperti yang kuharapkan dan kamu mendapatiku tidak seperti yang kamu harapkan. Janganlah hendaknya ketika itu aku menemui pertengkaran, hasad dengki, kemarahan, sikap mementingkan diri, umpat-mengumpat, desas-desus, keangkuhan, dan huru-hara. ²¹ Aku harap, ketika aku datang kelak, janganlah aku dipermalu oleh Allahku di hadapanmu dan bersedih kerana ramai yang dahulu berbuat dosa tetap tidak bertaubat daripada kekejian, pencabulan dan keliaran hawa nafsu dalam kehidupan mereka.

Peringatan terakhir

13 ¹ Kunjunganku kepadamu nanti adalah bagi kali yang ketiga. Berdasarkan keterangan dua atau tiga orang saksi, sesuatu dakwaan akan diteguhkan. ² Dahulu, sewaktu aku tinggal bersamamu dalam kunjunganku yang kedua, aku telah memperingatkan mereka yang berbuat dosa itu serta orang lain. Sekarang,

dari jauh aku menulis memperingatkan mereka, bahwa apabila aku datang nanti aku tidak akan menunjukkan belas kasihan kepada mereka. ³ Kamu menuntut bukti bahwa Kristus bersuara melaluiku. Kristus tidaklah lemah menghadapimu; Dia bertindak dengan penuh kuasa dalam dirimu. ⁴ Kristus disalib kerana kelemahan, tetapi Dia hidup kerana kuasa Allah. Kami juga lemah dalam Dia, namun dengan kuasa Allah akan hidup bersama Dia untuk melayanimu.

⁵ Ujilah keteguhan imanmu; periksalah dirimu sendiri. Tidakkah kamu tahu Kristus Yesus ada dalam dirimu? Kecuali kamu gagal. ⁶ Kami yakin kamu tahu bahwa kami bukanlah orang yang tidak tahan diuji. ⁷ Sekarang aku berdoa kepada Allah semoga kamu tidak melakukan kejahatan bukan kerana kami ingin kelihatan diperkenan sebagai rasul, tetapi supaya kamu melakukan perbuatan yang mulia, meskipun kiranya kami kelihatan seolah-olah tidak layak menjadi rasul. ⁸ Kami tidak mungkin melakukan sesuatu menentang apa yang benar. Setiap yang kami lakukan adalah untuk menegakkan yang benar. ⁹ Kami senang hati apabila kami lemah sedangkan kamu kuat. Kami juga mendoakan semoga kamu disempurnakan. ¹⁰ Oleh sebab itulah aku menulis segala ini sebelum aku berada di hadapanmu. Dengan demikian, apabila aku

berhadapan denganmu kelak, tidaklah perlu aku berkeras kepadamu melalui kekuasaan yang telah diberikan Tuhan kepadaku untuk meneguhkanmu bukan merosakkanmu.

¹¹ Akhir kata, saudara-saudara seimanku, kuucapkan salam perpisahan dahulu.

Berusahalah menjadi sempurna. Senangkan hati, bulatkan muafakat, hidup rukun damai; maka Allah sumber kasih dan damai sejahtera akan bersertamu.

¹² Bersalamanlah dengan ciuman suci. ¹³ Semua orang salih di sini berkirim salam kepadamu.

¹⁴ Semoga kasih kurnia Tuhan Yesus Kristus, kasih Allah dan keakraban Roh Kudus menyertai kamu semua. Amin.

GALATIA

1 ¹ Daripada Paulus, seorang rasul – bukan daripada manusia atau melalui manusia, tetapi melalui Yesus Kristus dan Allah Bapa, yang telah membangkitkan-Nya daripada kematian – ² dan daripada semua saudara yang bersamaku, Kepada semua jemaah di Galatia:

³ Kasih kurnia dan damai sejahtera kepadamu daripada Allah Bapa dan daripada Tuhan Yesus Kristus ⁴ yang telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa kita agar Dia melepaskan kita daripada zaman durjana ini, menurut kehendak Bapa kita Allah. ⁵ Bagi-Nyalah kemuliaan selama-lamanya. Amin.

Hanya satu Injil

⁶ Aku hairan bahawa kamu telah berpaling begitu cepat daripada Dia yang telah memanggilmu dalam kasih kurnia Kristus, kepada suatu injil lain – ⁷ yang bukannya Injil. Tetapi ada orang yang mengacau kamu dan hendak memesongkan Injil Kristus. ⁸ Tetapi jika kami atau malaikat dari syurga sekalipun kelak mengkhabarkan suatu injil yang lain daripada Injil yang telah kami khabarkan kepadamu, maka

terlaknatlah orang itu! ⁹ Sebagaimana aku sudah berkata dahulu, sekarang kukatakan lagi: Jika sesiapa mengkhabarkan Injil kepadamu lain daripada yang telah kamu terima, terlaknatlah orang itu!

¹⁰ Adakah aku hendak membuktikan diri kepada manusia atau kepada Allah? Adakah aku berusaha mendapatkan keredaan manusia atau keredaan Allah? Jika aku masih cuba mendapatkan keredaan manusia, aku bukanlah hamba Kristus.

Bagaimana Paulus menjadi rasul

¹¹ Aku memberitahu kepadamu, saudara-saudara, Injil yang kusampaikan bukanlah menurut manusia. ¹² Aku tidak menerimanya daripada manusia, dan aku tidak pula mempelajarinya; tetapi Injil itu datang melalui wahyu daripada Yesus Kristus.

¹³ Kamu telah mendengar tentang kelakuanku dahulu ketika dalam agama Yahudi, betapa aku telah menganiaya jemaah Allah habis-habisan dan cuba membinasakannya. ¹⁴ Aku jauh lebih maju dalam agama Yahudi daripada orang sebayaku dalam kalangan bangsaku, kerana aku

teramat kuat berpegang kepada segala adat nenek moyangku.

¹⁵ Tetapi apabila Allah, yang telah mengasingkanku daripada rahim ibuku dan memanggilku, melalui kasih kurnia-Nya ¹⁶ berkenan untuk menyatakan Anak-Nya dalamku agar aku mengkhabarkan tentang Dia dalam kalangan bangsa lain. Pada waktu itu, aku sama sekali tidak bermesyuarat dengan sesama manusia. ¹⁷ Aku tidak juga pergi ke Yerusalem untuk menemui mereka yang telah menjadi rasul terdahulu daripadaku, tetapi aku ke Tanah Arab, lalu pulang semula ke Damsyik. ¹⁸ Tiga tahun kemudian, aku ke Yerusalem bertemu dengan Petrus lalu tinggal dengannya lima belas hari. ¹⁹ Tetapi aku tidak melihat para rasul yang lain – kecuali Yakobus, saudara Tuhan Yesus.

²⁰ Sesungguhnya, di hadapan Allah, perkara-perkara yang kutuliskan kepadamu ini benar, aku tidak berbohong.

²¹ Selepas itu, aku pergi ke rantau Siria dan Kilikia. ²² Mukaku masih belum dikenali oleh jemaah Kristus di Yudea. ²³ Mereka hanya mendengar: “Orang yang dahulu menganiaya kita sekarang mengkhabarkan iman yang hendak

dibinasakannya dahulu.”²⁴ Lalu mereka memuji Allah keranaku.

Paulus diakui oleh para rasul

2¹ Kemudian, selepas empat belas tahun, aku naik lagi ke Yerusalem dengan Barnabas, serta membawa Titus bersama. ² Aku pergi ke sana untuk mematuhi wahyu yang diterima daripada Allah, dan membentangkan kepada mereka Injil yang kukhabarkan dalam kalangan bangsa asing. Tetapi aku melakukan ini secara persendirian kepada orang yang terkemuka, takut kalau-kalau pekerjaanku sia-sia, baik pada masa itu mahupun sebelum itu. ³ Namun demikian, walaupun Titus yang bersamaku itu seorang Yunani, dia pun tidak dipaksa bersunat. ⁴ Ini disebabkan beberapa orang yang pura-pura beriman telah dibawa masuk. Mereka mencuri-curi masuk untuk mengintip kebebasan yang kami miliki dalam Kristus Yesus agar mereka dapat memperhamba kami. ⁵ Namun demikian, seketika pun kami tidak tunduk menyerah kepada mereka, supaya kebenaran Injil tetap bersamamu.

⁶ Tetapi daripada orang yang kelihatan berwibawa – walau apa pun mereka, sama sahaja bagiku; Allah tidak bersikap pilih kasih kepada

sesiapa – mereka tidak menambah apa-apa kepada pengajaranku. ⁷ Sebaliknya, mereka menyadari bahawa penyampaian Injil kepada orang yang tidak bersunat telah diamanahkan kepadaku, sebagaimana penyampaian Injil kepada orang yang bersunat telah diamanahkan kepada Petrus. ⁸ Kerana Dia yang telah bekerja dengan berkesan dalam Petrus bagi pengutusan kepada orang yang bersunat, telah bekerja dengan berkesan juga dalamku bagi pengutusan kepada orang yang tidak bersunat. ⁹ Dan apabila Yakobus, Petrus dan Yohanes, yang dipandang sebagai tiang asas yang kukuh, menyadari kasih kurnia yang telah diberikan kepadaku, mereka berjabat tangan denganku dan Barnabas sebagai tanda persahabatan, supaya kami pergi kepada bangsa asing manakala mereka pergi kepada orang yang bersunat. ¹⁰ Mereka hanya meminta agar kami ingat akan orang miskin, sesuatu yang sememangnya hendak kulakukan.

Paulus bertentangan dengan Petrus

¹¹ Tetapi apabila Petrus datang ke Antiokhia, aku bersemuka dengannya dan membantah perbuatannya, kerana dia bersalah. ¹² Sebelum beberapa orang datang daripada Yakobus, Petrus makan bersama bangsa asing. Akan tetapi apabila mereka datang, dia berundur dan

mengasingkan diri, disebabkan takut akan orang yang berpegang kepada persunatan. ¹³ Orang Yahudi yang lain turut bersikap munafik, sehingga Barnabas pun tersesat kerana kemunafikan itu. ¹⁴ Aku lihat kelakuan mereka itu tidak menepati kebenaran Injil, lalu aku berkata kepada Petrus di hadapan semuanya, “Jika kamu, orang Yahudi, hidup seperti orang bangsa asing dan tidak seperti orang Yahudi, mengapakah kamu memaksa orang bangsa asing menurut adat orang Yahudi?”

¹⁵ Kita memang asal orang Yahudi bukan orang berdosa daripada bangsa asing; ¹⁶ tetapi kita mengetahui bahawa seseorang itu diperbenar bukanlah kerana mengerjakan hukum Taurat tetapi kerana beriman akan Kristus Yesus. Oleh itu, kita pun mempercayai Kristus, supaya kita diperbenar kerana beriman akan Kristus, bukan kerana mengerjakan hukum Taurat. Tiada seorang pun manusia yang diperbenar kerana mengerjakan hukum Taurat. ¹⁷ Tetapi, ketika kita berusaha untuk diperbenar melalui Kristus, ternyata kita sendiri didapati berdosa, adakah ini bermakna Kristus hamba kepada dosa? Tidak sekali-kali! ¹⁸ Kalaulah kubina semula apa yang pernah kuruntuhkan, nyatalah aku seorang

pelanggar hukum. ¹⁹ Melalui hukum Taurat, aku telah mati kepada hukum itu untuk hidup kepada Allah. ²⁰ Aku telah disalib bersama Kristus, bukanlah aku lagi yang hidup, tetapi Kristus yang hidup dalam aku. Dalam hidup jasadku sekarang aku hidup dengan iman kepada Anak Allah, yang mengasihiku dan menyerahkan diri-Nya untukku. ²¹ Aku tidak mengetepikan kasih kurnia Allah, kerana jika pembenaran datang daripada hukum Taurat, sia-sialah kematian Kristus!

Diperbenar melalui iman

3 ¹ Wahai orang Galatia yang tidak berakal! Siapakah yang telah menyihirkan kamu sedangkan di hadapan matamu Yesus Kristus telah jelas ditunjukkan tersalib? ² Hanya ini yang ingin kuketahui daripadamu: Adakah kamu menerima Roh Kudus kerana mengerjakan hukum Taurat, atau kerana percaya kepada Injil yang dikhabarkan? ³ Di manakah akalmu? Setelah bermula dengan Roh, sekarang kamu hendak menyempurnakan diri dengan kekuatan jasmani? ⁴ Adakah segala yang kamu deritai itu sia-sia sahaja – kalaulah sebenarnya sia-sia? ⁵ Tuhan yang mengurniakan Roh-Nya kepadamu dan mengerjakan mukjizat dalam kalanganmu, adakah Dia melakukannya kerana kamu

mengerjakan hukum Taurat, atau kerana kamu percaya Injil yang dikhabarkan?

⁶ Samalah sebagaimana Abraham: “Dia mempercayai Allah, dan hal itu diperhitungkan baginya sebagai perbenaran.^d” ⁷ Oleh itu ketahuilah, hanya mereka yang beriman dianggap anak cucu Abraham. ⁸ Oleh sebab telah diketahui bahawa Allah akan memperbenar bangsa asing melalui iman, Kitab Suci telah menyampaikan Injil itu kepada Abraham terlebih dahulu: “Melalui engkau, semua bangsa akan diberkati.” ⁹ Dengan demikian, semua orang yang beriman diberkati bersama Abraham yang beriman.

¹⁰ Setiap orang yang bergantung kepada usahanya sendiri mengerjakan hukum Taurat adalah terlaknat, kerana sudah tersurat: “Terlaknatlah orang yang tidak terus-menerus melakukan segala yang tersurat dalam Hukum Kitab Taurat.” ¹¹ Jelaslah bahawa tiada siapa pun

^d**3:6** TUHAN menganggap kepercayaan Abram kepada-Nya sebagai perbenaran. Oleh itu, Abram diiktiraf sebagai seorang yang benar. Istilah ‘perbenaran’ yang berbeza daripada erti perkataan, ‘kebenaran’ menggambarkan tingkah laku seseorang yang hidup selaras dengan kehendak Allah.

3:6: Kej 15:6; Rm 4:3. **3:7:** Rm 4:16. **3:8:** Kej 12:3.

3:10: Ul 27:26. **3:11:** Hab 2:4.

diperbenar di mata Allah dengan mengerjakan hukum Taurat, kerana, “Orang yang benar akan hidup dengan iman.” ¹² Hukum Taurat tidak berdasarkan iman; tetapi, “Orang yang melakukan hal-hal ini akan hidup mengikutnya.”

¹³ Kristus telah menebus kita daripada laknat hukum Taurat itu dengan menanggung laknat itu untuk kita, kerana telah tersurat: “Terlaknatlah setiap orang yang tergantung pada kayu salib.”

¹⁴ Dia menebus kita supaya berkat Abraham datang kepada bangsa asing melalui Kristus Yesus, dan kita menerima Roh yang dijanjikan itu melalui iman.

Hukum Taurat atau perjanjian

¹⁵ Saudara-saudara, aku hendak menggunakan contoh daripada hidup sehari-hari. Walaupun suatu perjanjian hanya antara manusia, namun setelah ditetapkan, tiada siapa harus memansuhkannya atau menolak-tambah padanya, begitulah juga hal ini. ¹⁶ Janji Allah telah dibuat kepada Abraham dan keturunannya. Kitab Suci tidak menyebut “dan kepada keturunan-keturunannya,” dengan erti ramai orang, tetapi “dan kepada keturunanmu,” yang bererti seorang sahaja, iaitu Kristus. ¹⁷ Aku berkata bahawa

hukum Taurat, yang datang 430 tahun kemudian, tidak dapat memansuhkan perjanjian yang telah ditetapkan dahulu oleh Allah atau menjadikan janji itu tidak sah lagi. ¹⁸ Jika warisan itu daripada hukum Taurat, itu bukanlah lagi berdasarkan janji; tetapi Allah dalam kasih kurnia-Nya telah memberikannya kepada Abraham melalui janji.

¹⁹ Kalau begitu, apakah tujuan hukum Taurat? Hukum itu ditambahkan kerana pelanggaran manusia. Hukum itu berterusan sehingga datangnya Benih yang dijanjikan itu, dan hukum itu diberikan melalui malaikat oleh seorang pengantara. ²⁰ Pengantara tidaklah menjadi pengantara bagi satu pihak sahaja; tetapi Allah itu esa.

²¹ Jadi, adakah hukum Taurat itu berselisih dengan janji-janji Allah? Tidak sekali-kali! Kerana kalaulah ada hukum yang dapat memberikan kehidupan, tentulah perbenaran didapati melalui hukum itu. ²² Namun demikian, Kitab Suci telah menentukan bahawa semuanya terbelenggu oleh dosa, supaya apa yang dijanjikan melalui iman dalam Yesus Kristus dapat diberikan kepada mereka yang percaya.

²³ Sebelum datangnya iman, kita dikawal oleh hukum Taurat, dikurung sementara menantikan

iman yang akan dinyatakan kelak. ²⁴ Oleh itu, hukum Taurat ialah guru kita, yang membawa kita kepada Kristus untuk diperbenar oleh iman. ²⁵ Tetapi selepas datangnya iman, kita tidak lagi di bawah pengawasan hukum Taurat.

Anak dan waris melalui Kristus

²⁶ Kamu semua telah menjadi anak Allah melalui iman dalam Kristus Yesus. ²⁷ Dan semua antara kamu yang telah dibaptiskan dalam Kristus telah meliputi dirimu dengan Kristus. ²⁸ Tiadalah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus. ²⁹ Dan jika kamu milik Kristus, kamu ialah benih Abraham, dan menjadi waris menurut janji itu.

Tiada lagi perhambaan

4 ¹ Sekarang aku berkata bahawa waris, selagi dia masih kanak-kanak, tidak berbeza daripada hamba, walaupun dia tuan kepada segala miliknya. ² Dia di bawah kawalan para penjaga dan pengurus sehingga masa yang ditetapkan oleh bapanya. ³ Demikianlah kita, ketika masih kanak-kanak, diperhamba menurut ajaran asas dunia. ⁴ Tetapi apabila sampai

waktunya, Allah telah menghantar Anak-Nya, yang dilahirkan melalui seorang perempuan, di bawah hukum Taurat, ⁵ untuk menebus mereka yang di bawah hukum itu, supaya kita mendapat hak sepenuh sebagai anak.

⁶ Dan kerana kamu anak-anak-Nya, Allah telah menghantar Roh Anak-Nya ke dalam hatimu, Roh yang berseru, “Abba, Bapa.” ⁷ Dengan demikian kamu bukan lagi hamba tetapi anak; dan sebagai anak, Allah telah menjadikan kamu waris-Nya.

Paulus bimbang tentang orang Galatia

⁸ Dulu, ketika kamu belum mengenal Allah, kamu telah memperhambakan diri kepada tuhan-tuhan yang sebenarnya bukan tuhan.

⁹ Tetapi sekarang, setelah kamu mengenal Allah – atau lebih tepat, dikenali Allah – mengapakah kamu berpaling semula kepada ajaran asas yang lemah dan serba kurang itu, dan ingin terbelenggu semula sebagai hamba kepadanya?

¹⁰ Kamu mematuhi hukum tentang hari, bulan, musim dan tahun! ¹¹ Aku bimbang tentangmu, takut kalau-kalau aku berusaha untukmu dengan sia-sia.

¹² Saudara-saudara, aku meminta supaya kamu menjadi sepertiku, kerana dahulu aku pun

seperti kamu. Kamu tidak pernah menganiayaku.

¹³ Kamu tahu bahawa kerana kedaifan jasmani, aku mula-mula menyampaikan Injil kepadamu.

¹⁴ Dan kamu tidak menghina atau menyingkirkan aku kerana cubaan jasmani yang kutanggung. Sebaliknya, kamu telah menyambutku seperti malaikat Allah, malah seperti Kristus Yesus.

¹⁵ Betapakah berkat yang kamu nikmati ketika itu? Kerana aku bersaksi bahawa, kalau boleh, kamu rela mencungkil matamu sendiri dan memberikannya kepadaku. ¹⁶ Adakah aku telah menjadi seterumu kerana aku menyatakan yang benar kepadamu?

¹⁷ Mereka bersungguh-sungguh menawan hatimu, tetapi bukan dengan niat yang baik. Mereka hendak mengasingkan kamu, supaya kamu bersungguh-sungguh hendak menawan hati mereka. ¹⁸ Memang elok bersungguh-sungguh dalam perkara yang baik, dan bukan hanya ketika aku ada bersamamu. ¹⁹ Hai anak-anak kecilku, aku mengalami sengsara seperti hendak melahirkan kamu sekali lagi sehingga Kristus terbentuk dalam dirimu. ²⁰ Aku rindu hendak bersama kamu sekarang dan mengubah nada suaraku, kerana aku amat bimbang tentangmu!

Hagar dan Sarah

²¹ Katakan kepadaku, kamu yang ingin hidup di bawah hukum Taurat, tidakkah kamu dengar kata-kata hukum itu? ²² Tersurat bahawa Abraham mempunyai dua orang anak lelaki, seorang dengan hamba perempuan dan seorang lagi dengan perempuan merdeka. ²³ Anak dengan hamba perempuan itu dilahirkan sebagaimana kebiasaan manusia; tetapi anak dengan perempuan merdeka itu dilahirkan kerana janji. ²⁴ Ini adalah ibarat kerana dua perempuan itu mewakili dua perjanjian – satu daripada Gunung Sinai yang melahirkan anak-anak perhambaan, iaitu Hagar, ²⁵ kerana Hagar adalah Gunung Sinai di Tanah Arab, melambangkan Yerusalem yang ada sekarang, dan berada dalam perhambaan bersama anak-anaknya. ²⁶ Tetapi Yerusalem yang di atas adalah merdeka, dan ia ibu kepada kita semua. ²⁷ Kerana telah tersurat:

“Bergembiralah, hai perempuan mandul,
kamu yang tidak melahirkan anak;
bersorak-sorailah, wahai kamu yang tidak
pernah merasa sakit melahirkan anak;
kerana perempuan yang sepi lara mempunyai
lebih ramai anak daripada yang bersuami.”

²⁸ Saudara-saudaraku, kita seperti Ishak, iaitu anak perjanjian. ²⁹ Tetapi, sebagaimana anak yang dilahirkan menurut jasad telah menganiaya anak yang dilahirkan menurut Roh, begitulah yang berlaku sekarang. ³⁰ Walau bagaimanapun, apakah yang dikatakan dalam Kitab Suci? “Singkirkan hamba perempuan itu dengan anaknya, kerana anak kepada hamba perempuan itu tidak akan menjadi waris bersama anak kepada perempuan merdeka.” ³¹ Dengan demikian, saudara-saudara, kita bukanlah anak kepada hamba perempuan, tetapi kepada perempuan yang merdeka.

Kemerdekaan dalam Kristus

5 ¹ Demi kemerdekaan Kristus telah memerdekakan kita. Oleh itu, berpegang teguhlah kepada kemerdekaan yang telah diberikan oleh Kristus kepada kita, dan jangan biarkan diri dibelenggu oleh kuk perhambaan semula.

² Dengarlah kata-kataku! Aku, Paulus, bersaksi kepadamu bahawa jika kamu bersunat kelak, tiada berfaedahlah Kristus kepadamu. ³ Dan aku bersaksi lagi kepada setiap orang yang bersunat, bahawa dia berhutang dan mesti mengerjakan

seluruh hukum Taurat. ⁴ Kamu yang berusaha untuk diperbenar melalui hukum Taurat telah terpisah daripada Kristus. Kamu telah terkeluar daripada kasih kurnia Allah. ⁵ Kita, melalui Roh dan dengan iman, bersungguh-sungguh menantikan harapan mendapat perbenaran.^e ⁶ Kerana dalam Kristus Yesus, sama ada bersunat ataupun tidak tiada ertinya, melainkan iman bekerja melalui kasih.

⁷ Dahulu perjalananmu baik. Siapakah yang telah menghalangmu sehingga kamu tidak lagi menurut yang benar? ⁸ Pujukan ini bukannya daripada Tuhan yang memanggilmu. ⁹ “Sedikit ragi pun akan meragikan tepung segumpal.” ¹⁰ Aku yakin padamu, dalam Tuhan, bahawa fikiranmu tidak akan bercabang; tetapi orang yang mengacau fikiranmu itu akan menerima hukumannya, walau siapa pun dia.

¹¹ Saudara-saudara, jika aku masih menyebarkan ajaran supaya orang bersunat, mengapakah aku masih dianiaya? Kalau begitu, salib itu tidak lagi menjadi penghalang. ¹² Ingin

^e**5:5** Perkataan, ‘perbenaran’ dapat merujuk kepada tindakan Allah untuk memungkinan orang berbaik semula dengan-Nya.

5:9: 1Kor 5:6.

kuminta agar orang yang mengacau fikiranmu itu mengasingkan diri mereka sendiri!

¹³ Kerana kamu, saudara-saudara, telah dipanggil untuk mendapat kebebasan.

Cuma, janganlah gunakan kebebasan sebagai kesempatan memuaskan hawa nafsu; tetapi berkhidmatlah untuk satu sama lain dengan kasih. ¹⁴ Kerana seluruh hukum Taurat terlaksana dalam satu ayat: “Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.”

¹⁵ Tetapi jika kamu gigit-menggigit dan makan-memakan sesama sendiri, berhati-hatilah, jangan sampai kamu saling membinasakan.

Hidup menurut Roh

¹⁶ Aku berkata, melangkahlah menurut Roh, maka kamu tidak akan memuaskan keinginan sifat tabii. ¹⁷ Kerana keinginan tabii manusia menentang Roh, dan Roh menentang keinginan tabii manusia. Kedua-duanya berlawanan, supaya kamu tidak melakukan apa yang hendak kamu lakukan. ¹⁸ Tetapi jika kamu dipimpin oleh Roh, kamu tidaklah di bawah hukum Taurat.

¹⁹ Kelakuan tabii manusia adalah nyata: perbuatan cabul, kecemaran dan kelucahan; ²⁰ menyembah berhala dan sihir; kebencian,

perbalahan, hasad dengki, letusan kemarahan, cita-cita untuk kebesaran diri, perselisihan, berpuak-puak ²¹ dan iri hati; kemabukan, berpesta keterlaluan, dan sebagainya. Tentang ini aku berkata kepadamu, sebagaimana sudah kukatakan kepadamu dahulu, bahawa orang yang mengamalkan perkara-perkara demikian tidak akan mewarisi kerajaan Allah.

²² Sebaliknya, buah Roh ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, ²³ lemah lembut dan penguasaan diri. Tiada hukum yang menentang segala ini. ²⁴ Mereka yang menjadi milik Kristus Yesus telah menyalib tabii manusia berserta hawa nafsu dan keinginannya. ²⁵ Jika kita hidup dalam Roh, marilah kita berbuat segalanya dalam Roh juga. ²⁶ Janganlah kita menjadi bongkak, saling menyakitkan hati, dan berdengki-dengki sama sendiri.

Saling membantu

6 ¹ Saudara-saudara, jika seseorang didapati melakukan sesuatu kesalahan, kamu yang bersifat rohani pimpinlah dia ke jalan baik dengan lemah lembut, sambil menjaga dirimu, jangan sampai kamu turut tergoda.

² Tanggung-menanggunglah beban satu sama lain, dan dengan demikian laksanakan hukum

Kristus. ³ Jika seseorang menyangka dirinya mempunyai kelebihan sedangkan dia sebenarnya tidak mempunyainya, maka dia menipu dirinya sendiri. ⁴ Setiap orang harus menguji kerjanya sendiri, supaya dia dapat bermegah atas apa yang ada pada dirinya sahaja, bukan berbanding dengan apa yang ada pada orang lain. ⁵ Sebabnya setiap orang akan menanggung bebannya sendiri.

⁶ Orang yang diajari firman hendaklah berkongsi segala yang baik dengan pengajarnya.

⁷ Janganlah tertipu: Allah tidak dapat dipermainkan, kerana apa yang disemai oleh seseorang, itulah yang akan dituainya.

⁸ Orang yang menyemai bagi hawa nafsu manusia akan menuai kebinasaan daripadanya; manakala orang yang menyemai bagi Roh akan menuai hidup yang kekal. ⁹ Janganlah kita jemu berbuat baik, kerana pada musimnya nanti kita akan menuai jika kita tidak berputus asa.

¹⁰ Oleh itu, apabila ada peluang, kita haruslah berbuat baik kepada semua orang, lebih-lebih lagi saudara-saudara kita yang seiman.

Bukan persunatan tetapi satu ciptaan baru

¹¹ Lihatlah betapa besarnya huruf-huruf yang kutulis kepadamu dengan tanganku sendiri!

¹² Mereka yang ingin menunjukkan diri baik

secara lahiriah, merekalah yang ingin memaksa kamu bersunat, semata-mata untuk mengelakkan diri mereka dianiaya kerana salib Kristus. ¹³ Orang yang bersunat itu pun tidak memegang hukum Taurat, tetapi mereka mahu kamu disunatkan supaya mereka dapat bermegah dengan keadaan lahiriahmu. ¹⁴ Tetapi aku sekali-kali tidak mahu bermegah dengan apa pun kecuali salib Tuhan kita Yesus Kristus yang melalui-Nya dunia telah disalib kepadaku dan aku juga kepada dunia. ¹⁵ Sebabnya sama ada bersunat ataupun tidak tiada ertinya; menjadi satu ciptaan baru, itulah yang penting. ¹⁶ Bagi mereka yang hidup menurut hukum ini, sejahtera dan belas kasihan atas mereka, dan atas Israel Allah.

¹⁷ Akhir kata, janganlah sesiapa menyusahkan aku, kerana pada tubuhku ada parut-parut Yesus.

¹⁸ Saudara-saudara, semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai rohmu. Amin.

EFESUS

1 ¹ Daripada Paulus, rasul Kristus Yesus dengan kehendak Allah,

Kepada semua orang salih di Efesus, iaitu orang yang beriman kepada Kristus Yesus:

² Kasih kurnia dan damai sejahtera kepadamu daripada Bapa kita Allah dan daripada Tuhan Yesus Kristus.

Berkat rohani dalam Kristus

³ Segala puji bagi Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, yang telah memberkati kita dengan segala berkat rohani di syurga dalam Kristus.

⁴ Sebabnya Dia telah memilih kita dalam Kristus sebelum dunia ini dijadikan, supaya kita suci dan tidak bercela di hadapan-Nya.

Dalam kasih, ⁵ Dia telah menentukan kita dari mulanya untuk diangkat sebagai anak oleh Yesus Kristus kepada diri-Nya, menurut keredaan dan kehendak-Nya – ⁶ supaya terpujilah kemuliaan kasih kurnia-Nya, yang dirahmati-Nya kepada kita dalam Dia yang dikasihi-Nya. ⁷ Dalam-Nya kita mendapat penebusan melalui darah-Nya,

pengampunan dosa, menurut limpah kasih kurnia-Nya ⁸ yang dilimpahkan-Nya kepada kita dengan segala kebijaksanaan dan pengertian.

⁹ Dia memberitahu kita rahsia kehendak-Nya, menurut keredaan-Nya yang sudah ditentukan-Nya dalam Kristus, ¹⁰ bahawa setelah sampai masa pelaksanaannya – Dia akan menyatukan segala sesuatu di bawah Kristus sebagai Kepala, baik yang di syurga mahupun yang di bumi.

¹¹ Dalam-Nya juga kita telah mendapat warisan, kerana telah ditentukan dari mulanya menurut maksud Allah yang melakukan segalanya seperti pertimbangan kehendak-Nya, ¹² bahawa kami yang mula-mula menaruh harapan pada Kristus akan mendatangkan puji bagi kemuliaan-Nya.

¹³ Kamu juga dalam Kristus setelah mendengar kata kebenaran, iaitu Injil tentang penyelamatanmu. Dan dalam-Nya, setelah mempercayai-Nya, kamu telah dimaterai dengan Roh Kudus yang dijanjikan-Nya, ¹⁴ yang menjadi jaminan bagi warisan kita hingga penebusan orang yang dimiliki Allah – segala puji bagi kemuliaan-Nya.

Syukur dan doa

¹⁵ Oleh itu aku juga, setelah mendengar bahawa kamu beriman kepada Tuhan Yesus dan mengasihi semua orang yang salih, ¹⁶ tidak putus-

putus bersyukur tentangmu dan menyebutmu dalam doaku. ¹⁷ Aku berdoa semoga Allah Tuhan kita Yesus Kristus, yaitu Bapa kemuliaan, memberimu roh kebijaksanaan dan wahyu untuk mengenali-Nya. ¹⁸ Semoga Allah menerangkan mata hatimu untuk mengetahui harapan daripada panggilan-Nya, limpah kemuliaan warisan-Nya dalam orang yang salih, ¹⁹ dan betapa besar kuasa-Nya bagi kita yang beriman. Demikianlah pelaksanaan kuasa-Nya yang agung itu ²⁰ dalam Kristus apabila membangkitkan-Nya daripada kematian dan mendudukkan-Nya di sebelah kanan-Nya di syurga.

²¹ Allah meletakkan Kristus jauh di atas segala penguasa dan kekuasaan, kuasa dan pemerintahan, dan setiap nama yang dinamakan, bukan sahaja pada zaman ini tetapi juga pada zaman akan datang. ²² Allah meletakkan segalanya di bawah kaki-Nya dan menjadikan-Nya Kepala semua hal ehwal jemaah, ²³ yang merupakan tubuh-Nya, disempurnakan oleh Dia yang menyempurnakan segala-galanya.

Dihidupkan dalam Kristus

2¹ Kamu telah mati akibat kesalahan dan dosa² yang dahulu kamu lakukan menurut jalan dunia, menurut raja segala kuasa di udara, roh yang sekarang bertindak dalam diri anak-anak derhaka.³ Kami semua juga pernah hidup sedemikian, memuaskan hawa nafsu, menunaikan kehendak tubuh dan fikiran, dan secara tabii merupakan anak-anak yang dimurkai, seperti yang lain juga.

⁴ Namun Allah, yang kaya dengan belas kasihan, kerana kasih-Nya yang amat besar kepada kita,⁵ walaupun ketika kita telah mati disebabkan kesalahan kita, telah menghidupkan kita bersama Kristus – kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya.⁶ Allah telah membangkitkan kita bersama Kristus Yesus, serta mendudukkan kita bersama-Nya di syurga,⁷ supaya pada zaman-zaman akan datang Allah dapat menunjukkan limpah kekayaan kasih kurnia-Nya dalam belas ihsan-Nya kepada kita dalam Kristus Yesus.⁸ Kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya melalui iman – ini bukan daripada kamu sendiri tetapi adalah kurnia Allah –⁹ bukan kerana usaha amalmu supaya tiada seorang

pun yang dapat bermegah. ¹⁰ Kerana kita ini buatan-Nya, dicipta dalam Kristus Yesus untuk melakukan perbuatan baik, yang telah disediakan terdahulu oleh Allah untuk kita lakukan.

Dipersatukan dalam Kristus

¹¹ Oleh itu, ingatlah bahawa dari segi tubuhmu kamu ini dahulu orang bangsa asing, disebut “orang tidak bersunat” oleh mereka yang disebut “orang bersunat” (iaitu sunat yang dibuat dengan tangan orang pada tubuh). ¹² Pada masa itu kamu tanpa Kristus, terasing daripada perhimpunan orang Israel dan daripada perjanjian Allah, tanpa harapan dan tanpa Tuhan di dunia ini. ¹³ Tetapi sekarang dalam Kristus Yesus, kamu yang dahulu jauh sudah dibawa dekat oleh darah Kristus. ¹⁴ Kerana Dia sendiri adalah perdamaian kita, Dia menyatukan kedua-dua pihak dan meruntuhkan dinding pemisah, iaitu perseteruan. ¹⁵ Dia menghapuskan dengan tubuh-Nya perseteruan itu, iaitu Taurat dengan hukum-hukum yang diperintahkan di dalamnya, untuk mencipta dalam diri-Nya seorang yang baru daripada dua, dan mengadakan perdamaian demikian, ¹⁶ serta untuk mendamaikan kedua-duanya dengan Allah dalam satu tubuh melalui salib, dengan itu

mematikan perseteruan itu. ¹⁷ Dan Dia datang dan mengkhabarkan perdamaian kepada kamu yang jauh dan kepada mereka yang dekat.

¹⁸ Kerana melalui-Nya kita, kedua-dua pihak, dapat menghampiri Allah Bapa dengan satu Roh.

¹⁹ Oleh itu, sekarang, kamu bukan lagi orang asing dan pendatang, tetapi sesama warga negeri dengan orang yang salih dan ahli-ahli keluarga Allah, ²⁰ yang telah dibina atas asas para rasul dan para nabi, dengan Kristus Yesus sendiri sebagai batu penjuru utama. ²¹ Dalam Kristus seluruh bangunan itu disatukan lalu menjadi Bait Suci dalam Tuhan, ²² maka dalam-Nya kamu pun dibina bersama menjadi tempat kediaman Allah dalam Roh.

Paulus penginjil kepada bangsa-bangsa asing

3 ¹ Dengan demikian aku, Paulus, yang terpenjara kerana Kristus Yesus untuk kamu, orang bukan orang Israel. ² Tentu kamu telah mendengar, bahawa aku diberi tugas melaksanakan kasih kurnia Allah untukmu.

³ Melalui wahyu, Allah telah memberitahuku rahsia itu sebagaimana sudah kutuliskan secara ringkas. ⁴ Apabila kamu membacanya kamu akan mengerti pengetahuanku dalam rahsia Kristus.

⁵ Pada zaman-zaman silam rahsia itu tidak diberitahu kepada anak manusia, sebagaimana sekarang telah dinyatakan oleh Roh kepada para rasul dan para nabi-Nya yang suci – ⁶ bahawa bangsa-bangsa asing sama-sama menjadi waris, satu tubuh, dan sama-sama mendapat bahagian daripada perjanjian Allah dalam Kristus Yesus melalui Injil.

⁷ Aku telah menjadi seorang hamba Injil dengan kasih kurnia Allah yang telah diberikan-Nya kepadaku melalui pelaksanaan kuasa-Nya.

⁸ Kepadaku, yang lebih rendah daripada orang salih yang paling rendah, kasih kurnia ini telah diberikan supaya aku pergi menyampaikan perkhabaran kepada bangsa-bangsa asing tentang kekayaan Kristus yang tidak mungkin dapat dicari itu, ⁹ dan menjelaskan kepada semua orang pelaksanaan rahsia itu, yang dari permulaan zaman telah terselindung dalam hati Allah yang menjadikan segala-galanya. ¹⁰ Dengan demikian sekarang pelbagai kebijaksanaan Allah diberitahu oleh jemaah kepada segala pemerintah dan kuasa di syurga. ¹¹ Ini adalah menurut maksud-Nya yang kekal yang telah ditunaikan-Nya dalam Kristus Yesus, Tuhan kita; ¹² yang dalam-Nya kita mendapat kebebasan dan keyakinan menghampiri Allah melalui iman. ¹³ Oleh itu, aku meminta kepadamu, janganlah

tawar hati akibat kesusahan yang kutanggung keranamu, ini adalah kemuliaanmu.

Doa Paulus untuk orang Efesus

¹⁴ Dengan sebab itulah aku bertelut kepada Bapa, ¹⁵ yang daripada-Nya seluruh bangsa di syurga dan di bumi telah dinamakan. ¹⁶ Aku berdoa semoga Dia mengurniakan kepadamu, menurut limpah kemuliaan-Nya, kekuatan melalui Roh-Nya dalam dirimu. ¹⁷ Semoga Kristus mendiami hatimu melalui iman. Dan kamu, setelah berakar umbi dalam kasih, ¹⁸ akan mengerti bersama semua orang salih betapa lebarnya, panjangnya, tingginya dan dalamnya kasih Kristus, ¹⁹ dan mengetahui kasih Kristus ini yang tidak terjangkau oleh pengetahuan manusia supaya kamu dipenuhi dalam seluruh kepenuhan Allah.

²⁰ Kepada Allah yang berkuasa melakukan segala-galanya dengan limpah kurnia melebihi permintaan dan sangkaan kita, menurut kuasa-Nya yang bertindak dalam diri kita, ²¹ kepada-Nya kemuliaan dalam jemaah dan dalam Kristus Yesus zaman-berzaman selama-lamanya! Amin.

Kesatuan dalam tubuh Kristus

4 ¹ Oleh itu aku, yang terpenjara kerana Tuhan, merayu agar kamu, sebagai orang yang

telah dipanggil, hiduplah berpadanan dengan panggilan itu. ² Kamu haruslah selalu rendah hati dan lemah lembut; sabar, bertolak ansur satu sama lain dalam kasih, ³ dan berusaha memelihara perpaduan dalam Roh dengan ikatan sejahtera. ⁴ Kamu hendaklah satu tubuh dan satu Roh – sebagaimana kamu telah dipanggil dengan satu harapan panggilan itu – ⁵ satu Tuhan, satu iman, satu baptisan; ⁶ satu Allah, iaitu Bapa sekalian, yang di atas sekalian, melalui sekalian, dan dalam kamu sekalian.

⁷ Tetapi masing-masing diberi kasih kurnia sekadar pemberian Kristus. ⁸ Oleh itu, firman-Nya:

“Apabila Dia naik ke tempat tinggi,
Dia menawan tawanan, dan memberi
pemberian kepada manusia.”

⁹ (Apakah maksud “Dia naik ke atas”? Tentulah ertinya bahawa sebelum itu Dia telah turun ke bahagian terbawah di bumi. ¹⁰ Dia yang telah turun itu adalah juga Dia yang naik jauh ke atas semua lapisan langit, untuk memenuhi segala-galanya.) ¹¹ Dan Dialah yang memberi sesetengah orang menjadi rasul, nabi, penyebar Injil, pembimbing jemaah dan pengajar, ¹² untuk menyediakan orang yang salih bagi kerja

melayani, untuk meneguhkan tubuh Kristus.

¹³ Dengan itu, kita semua mencapai kesatuan dalam iman dan pengetahuan akan Anak Allah, agar menjadi dewasa, dan memiliki pertumbuhan yang sesuai dengan kadar kesempurnaan Kristus. ¹⁴ Maka, kita tidaklah lagi berupa kanak-kanak, dipukul ombak dan ditiup ke sana ke mari oleh setiap angin pengajaran orang, tipu daya manusia, dan putar belit muslihat jahat. ¹⁵ Sebaliknya, kita sentiasa bercakap benar dalam kasih, dan bertumbuh dalam segala hal ke arah Dia yang menjadi Kepala, iaitu Kristus. ¹⁶ Daripada-Nya, seluruh tubuh yang dihubungkan dan dijalin erat oleh setiap sendi dalam kelengkapannya manakala setiap bahagian menjalankan peranan masing-masing, bertumbuh untuk meneguhkan dirinya dalam kasih.

Hidup sebagai anak cahaya

¹⁷ Oleh itu, aku berkata demikian dan bersaksi demi Tuhan, janganlah lagi kamu hidup seperti orang yang tidak mengenal Allah, menurut pemikiran yang sia-sia. ¹⁸ Akibatnya, daya pengertian mereka dimalapkan, dan diri mereka tersisih daripada kehidupan Allah, kerana

kejahilan mereka, kerana kedegilan hati mereka.

¹⁹ Oleh sebab sudah hilang perasaan, mereka telah menceburkan diri dalam kancah maksiat, bergelumang dalam segala noda dengan rakus.

²⁰ Tetapi bukan demikian yang kamu pelajari tentang Kristus, ²¹ jika kamu telah mendengarnya dan diajar oleh-Nya, sebagaimana kebenaran itu dalam Yesus. ²² Berkenaan kelakuanmu yang dahulu, kamu menyingkirkan dirimu yang lama, yang dirosakkan oleh hawa nafsu tipu daya; ²³ dan kamu diperbaharu dalam roh pemikiranmu; ²⁴ serta berubah kepada diri baru yang dicipta menurut teladan Allah dalam perbenaran^f dan kesucian sejati.

²⁵ Oleh itu, janganlah lagi berdusta. Hendaklah setiap orang daripada kamu bercakap benar sesama manusia kerana kita adalah sesama anggota. ²⁶ “Apabila kamu marah, janganlah sampai melakukan dosa.” Jangan kekalkan kemarahanmu hingga matahari terbenam, ²⁷ dan jangan beri tempat kepada iblis. ²⁸ Orang

^f**4:24** Perkataan, ‘perbenaran’ dalam bahasa asal, ‘dikaioṣunē,’ sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

4:22: Kol 3:9. **4:24 a:** Kol 3:10; **b:** Kej 1:26.

4:25: Za 8:16. **4:26:** Mzm 4:4.

yang mencuri hendaklah berhenti mencuri dan mula bekerja, membuat sesuatu yang baik dengan tangannya, supaya dapat memberi kepada orang yang kekurangan. ²⁹ Janganlah biarkan kata-kata yang kesat keluar dari mulutmu, tetapi lafazkanlah teguran baik yang membina, mengikut keperluannya, supaya membawa berkat kepada yang mendengar. ³⁰ Dan janganlah kamu menyedihkan Roh Kudus Allah yang telah mematerai kamu bagi hari penebusan. ³¹ Singkirkanlah segala kepahitan, keberangan dan kemarahan, pergaduhan dan umpatan, bersama segala niat jahat. ³² Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus.

5 ¹ Oleh itu, ikutlah teladan Allah seperti anak-anak yang dikasihi. ² Hiduplah dalam kasih, sebagaimana Kristus mengasihi kita dan menyerahkan diri-Nya untuk kita sebagai persembahan dan korban yang harum bagi Allah.

³ Tetapi perbuatan cabul dan segala kecemaran atau tamak haloba, jangan disebut pun dalam kalanganmu, kerana demikianlah sepatutnya bagi orang salih. ⁴ Jauhi kekotoran, percakapan tidak berakal dan lawak jenaka lucah, kerana

segala ini tidak wajar, sebaliknya eloklah kamu mengucapkan kata-kata kesyukuran.

⁵ Kerana kamu tahu bahawa orang yang berzina, melakukan kecemaran, atau tamak haloba – yang sama dengan penyembah berhala tidak akan mewarisi kerajaan Kristus dan Allah.

⁶ Jangan tertipu dengan kata-kata kosong, kerana itulah sebabnya kemurkaan Allah menimpa anak-anak derhaka. ⁷ Oleh itu, janganlah kamu sepakat dengan mereka.

⁸ Kerana dahulu kamu gelap tetapi sekarang sudah menjadi cahaya dalam Tuhan. Hiduplah sebagai anak-anak cahaya ⁹ (kerana yang dihasilkan oleh cahaya terdapat dalam segala yang baik, wajar dan benar), ¹⁰ maka kajilah apa yang diredai oleh Tuhan. ¹¹ Jangan bersubahat dengan perbuatan gelap yang tidak berfaedah, sebaliknya dedahkan perbuatan itu. ¹² Sebabnya perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka secara rahsia itu, jika disebut pun adalah memalukan. ¹³ Tetapi segala yang didedahkan itu dinyatakan oleh cahaya, kerana yang menyatakan adalah cahaya. ¹⁴ Oleh itu, firman Tuhan:

“Bangunlah, hai kamu yang tidur,
bangkit daripada kematian,
dan Kristus akan memberimu cahaya.”

¹⁵ Hiduplah dengan hati-hati – bukan seperti orang tidak arif tetapi sebagai orang bijaksana,

¹⁶ dan pergunakanlah setiap peluang dengan sebaiknya kerana ini zaman durjana. ¹⁷ Dengan demikian, janganlah bodoh, tetapi mengertilah kehendak Tuhan.

¹⁸ Dan janganlah mabuk air anggur, yang berupa maksiat. Sebaliknya, penuhi diri dengan Roh. ¹⁹ Berkata-katalah sesama sendiri dengan mazmur, lagu pujian serta nyanyian rohani, menyanyi dan berlagu untuk Tuhan dalam hatimu. ²⁰ Sentiasalah bersyukur atas segala-galanya kepada Allah Bapa dengan nama Tuhan kita Yesus Kristus.

²¹ Tunduklah kepada satu sama lain dengan bertakwa^g kepada Kristus.

Suami dan isteri

²² Isteri, tunduklah kepada suamimu seperti kepada Tuhan. ²³ Kerana suami adalah kepala kepada isteri sebagaimana Kristus kepala jemaah dan Penyelamat tubuh itu. ²⁴ Oleh itu, sebagaimana jemaah tunduk kepada Kristus, begitulah juga isteri terhadap suaminya dalam segala hal.

^g**5:21** Bertakwa bererti menaruh perasaan takut, hormat dan kasih kepada Tuhan.

5:16: Kol 4:5. **5:19:** Kol 3:16,17.

5:22: Kol 3:18; 1Ptr 3:1.

²⁵ Suami, kasihilah isterimu, sebagaimana Kristus mengasihi jemaah dan menyerahkan diri-Nya untuk jemaah. ²⁶ Dengan demikian, Dia dapat menyucikan dan membersihkan jemaah dengan air melalui firman, ²⁷ dan menghadapkannya kepada diri-Nya sebagai jemaah yang mulia, tanpa cela atau kerut, tetapi suci dan tidak bercela. ²⁸ Demikian juga, suami harus mengasihi isterinya seperti tubuhnya, lelaki yang mengasihi isterinya itu mengasihi dirinya sendiri. ²⁹ Tiada sesiapa pun pernah membenci tubuhnya sendiri, tetapi memelihara dan menyayangnya, seperti yang dilakukan oleh Kristus kepada jemaah – ³⁰ kerana kita adalah anggota tubuh-Nya. ³¹ “Oleh sebab itu, seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.” ³² Ini adalah suatu rahsia besar – tetapi aku bercakap tentang Kristus dan jemaah. ³³ Walau bagaimanapun, setiap orang daripada kamu hendaklah mengasihi isterinya seperti dirinya sendiri, dan isteri hendaklah menghormati suaminya.

Anak dan ibu bapa

6¹ Anak-anak, turutlah perintah ibu bapamu dalam Tuhan, kerana ini adalah wajar.

² “Hormatilah ibu bapamu” – iaitu perintah pertama yang disertai dengan janji – ³ “supaya kamu mendapat kebaikan dan umurmu panjang di bumi ini.”

⁴ Kamu, bapa, janganlah sakitkan hati anak-anak; tetapi peliharalah mereka dalam didikan dan nasihat Tuhan.

Hamba dan tuan

⁵ Hamba sahaya, taatlah kepada tuanmu di dunia ini, dengan takut dan hormat, dengan hati yang ikhlas, seperti kepada Kristus. ⁶ Janganlah lakukan secara bermuka-muka, sekadar menyukakan hati orang, tetapi sebagai hamba Kristus, melakukan kehendak Allah setulus hati.

⁷ Bekerjalah dengan niat bersih, seperti untuk Tuhan, bukan untuk manusia. ⁸ Ketahuilah bahawa apa-apa sahaja kebaikan yang dilakukan oleh seseorang akan dibalas sewajarnya oleh Tuhan, baik hamba mahupun orang merdeka.

6:1: Kol 3:20. **6:2:** Kel 20:12; Ul 5:16. **6:4:** Kol 3:21.

6:5: Kol 3:22-25.

⁹ Kamu, tuan kepada hamba, hendaklah juga berbuat baik kepada mereka, dan jangan lagi mengugut mereka, kerana kamu tahu bahawa Tuan mereka dan Tuanmu sendiri ada di syurga, dan Dia memandang semuanya sama rata.

Senjata Allah

¹⁰ Akhir kata, saudara-saudaraku, hendaklah kamu kuat dalam Tuhan dan dalam kekuatan kuasa-Nya. ¹¹ Pakailah selengkap senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan terhadap tipu daya iblis. ¹² Sebabnya kita berlawan bukan dengan darah dan daging, tetapi dengan para penghulu dunia daripada kegelapan zaman ini, para pemerintah dan penguasanya, dan tentera roh iblis di udara. ¹³ Oleh itu, pakailah selengkap senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan pada masa yang penuh kejahatan, dan berdiri tegap setelah kamu melakukan segalanya.

¹⁴ Dengan demikian, berdirilah dengan tegap setelah mengikat pinggangmu dengan tali

6:9 a: Kol 4:1; **b:** Ul 10:17; Kol 3:25.

6:14 a: Yes 11:5; **b:** Yes 59:17.

pinggang kebenaran, memakai perbenaran^h sebagai perisai dada, ¹⁵ menyarungkan ke kakimu persediaan menyebarkan Injil perdamaian. ¹⁶ Yang paling utama, memakai perisai iman, untuk memadamkan segala anak panah berapi si durjana, ¹⁷ dan ketopong penyelamatan serta pedang Roh, yaitu firman Allah. ¹⁸ Sambil itu, pohonlah sentiasa dengan segala doa dan rayuan dalam Roh, serta berjaga-jaga dengan segala ketekunan dan permohonan untuk semua orang yang salih. ¹⁹ Berdoalah juga untukku, supaya aku dikurniai daya pengucapan dan aku membuka mulut dengan berani untuk memberitahu rahsia Injil, ²⁰ sedangkan aku adalah utusan yang terpenjara, supaya dengannya aku dapat bertutur dengan berani, sebagaimana sepatutnya aku bertutur.

Salam penutup

²¹ Tetapi supaya kamu tahu hal ehwaluku dan bagaimana keadaanku, maka Tikhikus, seorang

^h**6:14** Terjemahan lain: Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

6:15: Yes 52:7. **6:17:** Yes 59:17.

6:21: Kis 20:4; 2Tim 4:12; Kol 4:7,8.

saudara yang dikasihi dan hamba yang beriman kepada Tuhan, akan memberitahu segalanya kepadamu. ²² Aku menghantarnya kepadamu untuk tujuan ini, supaya kamu mengetahui hal ehwal kami dan dia dapat menggalakkan hatimu.

²³ Damai sejahtera kepada saudara-saudara kita, dan kasih dengan iman daripada Allah Bapa dan Tuhan Yesus Kristus. ²⁴ Kasih kurnia Allah bagi semua yang mengasihi Tuhan kita Yesus Kristus dengan kasih yang kekal.

FILIPPI

1 ¹ Daripada Paulus dan Timotius, hamba-hamba Kristus Yesus,

Kepada semua orang salih dalam Kristus Yesus di Filipi, serta para penyelia dan penolong jemaah:

² Kasih kurnia dan damai sejahtera kepadamu daripada Bapa kita Allah dan daripada Tuhan Yesus Kristus.

Ucapan syukur dan doa

³ Aku bersyukur kepada Allah setiap kali aku teringat akan kamu ⁴ dan aku sentiasa mendoakanmu dengan sukacita dalam setiap permohonanku, ⁵ kerana persahabatanmu dalam Injil dari mulanya hingga sekarang. ⁶ Aku yakin bahawa Allah yang telah memulakan suatu pekerjaan yang baik dalam dirimu akan menyudahkannya hingga hari Yesus Kristus.

⁷ Wajarlah aku memikirkan demikian tentang kamu semua kerana kamu sentiasa dalam hatiku. Kamu juga turut mendapat kasih kurnia Allah bersamaku, baik dalam hal aku dipenjarakan

ini mahupun dalam mempertahankan dan meneguhkan Injil. ⁸ Allah menjadi saksi bahawa aku amat merindui kamu dengan kasih Kristus Yesus.

⁹ Inilah doaku: Semoga kasihmu bertambah dengan pengetahuan dan pengertian, ¹⁰ supaya kamu dapat mengetahui perkara-perkara yang baik, sentiasa tulus ikhlas dan tidak bersalah hingga hari Kristus, ¹¹ serta dipenuhi dengan buah perbenaranⁱ yang datang melalui Yesus Kristus, untuk memuji dan memuliakan Allah.

Kesaksian Paulus dalam penjara

¹² Aku ingin memberitahumu, saudara-saudaraku, bahawa segala yang telah berlaku kepadaku sebenarnya semakin memajukan penyebaran Injil. ¹³ Dengan demikian, nyatalah dalam kalangan seluruh pengawal istana dan orang ramai bahawa aku dipenjarakan kerana Kristus. ¹⁴ Juga, kebanyakan saudara kita dalam Tuhan menjadi yakin kerana aku dipenjarakan,

ⁱ**1:11** Atau terjemahan lain: Segala yang dibuahi dengan kebenaran. Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

1:13: Kis 28:30.

mereka semakin berani menyebarkan firman Allah tanpa ketakutan.

¹⁵ Ada orang yang memberitakan Kristus kerana hasad dengki dan persaingan, manakala ada juga dengan niat baik. ¹⁶ Mereka ini melakukannya dengan kasih, kerana tahu bahawa aku telah ditugaskan untuk mempertahankan Injil.

¹⁷ Sebaliknya, golongan yang pertama itu mengajar tentang Kristus untuk kepentingan diri sendiri, bukan dengan ikhlas, kerana mereka menyangka dengan berbuat demikian mereka dapat menyusahkan lagi aku yang terpenjara.

¹⁸ Oleh itu, bagaimana pula? Hal itu, bagiku tidak penting. Walau dengan apa cara sekalipun, baik berpura-pura mahupun ikhlas, Kristus sedang diberitakan. Dan kerana ini aku bersukacita dan akan terus bersukacita. ¹⁹ Kerana aku tahu bahawa ini akan membawa kepada penyelamatanku melalui doamu dan pertolongan Roh Yesus Kristus. ²⁰ Adalah jangkauan dan harapanku yang bersungguh-sungguh bahawa dalam apa hal pun aku tidak dipermalu, melainkan dengan segala keberanianku seperti biasa, maka sekarang juga Kristus akan ditinggikan dalam diriku, baik melalui hidup mahupun mati. ²¹ Kerana bagiku, hidup ialah Kristus, dan mati ialah keuntungan. ²² Tetapi jika aku terus hidup dari segi jasmani, ini akan

bermakna usahaku membuahkan hasil. Namun yang mana akan kupilih? Aku tidak tahu! ²³ Aku sukar memilih antara dua: Aku ingin pergi dan bersama dengan Kristus, itu jauh lebih baik, ²⁴ tetapi kerana kamu, aku berasa perlu terus hidup dari segi jasmani. ²⁵ Dengan keyakinan ini, aku tahu bahawa aku akan terus bersama kamu semua untuk kemajuan dan kebahagiaanmu dalam iman, ²⁶ supaya rasa sukacitamu dalam Kristus Yesus akan melimpah-limpah kerana aku, apabila aku menemuimu sekali lagi.

²⁷ Cuma pastikanlah kelakuanmu selaras dengan Injil Kristus. Dengan demikian, sama ada aku datang menemuimu ataupun tidak, aku akan dapat mendengar tentangmu, bahawa kamu berdiri teguh dalam satu roh, berjuang bersama dengan satu hati untuk iman berdasarkan Injil, ²⁸ dan sama sekali tidak takut akan musuh-musuhmu. Bagi mereka, ini adalah tanda kebinasaan tetapi bagimu adalah tanda penyelamatan daripada Allah. ²⁹ Kerana kepadamu telah dikurniakan bagi pihak Kristus, bukan sahaja untuk beriman kepada-Nya tetapi juga untuk menderita kerana-Nya. ³⁰ Dan kerana kamu juga menghadapi pertarungan yang

kualami dahulu, perjuangan yang masih ada padaku.

Mencontohi kerendahan hati Kristus

2¹ Oleh itu, jika ada galakan kerana bersatu dalam Kristus, jika ada penghiburan hati kerana kasih-Nya, jika ada keakraban dalam Roh, jika ada lemah lembut dan belas kasih,² sempurnakanlah kebahagiaanmu dengan berkeadaan sejiwa, mempunyai kasih yang sama, sepakat dan bersatu hati.³ Janganlah lakukan apa pun kerana kepentingan diri sendiri atau keangkuhan. Dalam kerendahan hati biarlah setiap orang menganggap yang lain lebih tinggi daripada dirinya.⁴ Tiap-tiap seorang daripada kamu janganlah menjaga kepentingan diri sahaja, jagalah juga kepentingan orang lain.

⁵ Hendaklah ada dalam dirimu pemikiran yang ada dalam Kristus Yesus:

⁶ Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah sesuatu yang harus dipertahankan,

⁷ tetapi Dia telah mengetepikan martabat diri-Nya,

mengambil bentuk seorang hamba, dan datang dengan rupa manusia.

⁸ Dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya

dan taat hingga kepada kematian,
bahkan kematian di salib!

⁹ Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan-Nya
dan menganugerahkan kepada-Nya nama yang
di atas segala nama,

¹⁰ supaya kepada nama Yesus segala-galanya
bertelut,

segala isi langit, bumi dan yang di bawah bumi,

¹¹ dan semua lidah mengaku bahawa Yesus
Kristus ialah Tuhan,

untuk mendatangkan kemuliaan kepada Allah
Bapa.

Menyerlah seperti bintang

¹² Oleh itu, saudara-saudara yang dikasihi,
sebagaimana kamu sentiasa taat, hendaklah
kamu mengerjakan penyelamatanmu sendiri
dengan takut dan gementar, bukan sahaja
ketika aku ada bersamamu malah lebih-lebih
lagi sekarang sewaktu aku jauh daripadamu.

¹³ Kerana Allah yang bekerja dalam dirimu,
menyebabkan kamu berkehendak dan
menjalankan kerja untuk keredaan-Nya.

¹⁴ Dalam segala perbuatanmu janganlah
bersungut-sungut dan berbantah-bantah,

¹⁵ supaya dirimu tidak beraib dan bersalah, dan

kamu menjadi anak-anak Allah yang tidak bercela antara manusia. Dalam zaman yang penuh tipu daya dan perbuatan songsang, maka terserlahlah kamu seperti bintang dalam dunia, ¹⁶ berpegang teguh pada firman yang memberikan kehidupan. Dengan demikian aku dapat bersukacita pada hari Kristus kerana hidup dan usahaku tidak sia-sia.

¹⁷ Walaupun sekiranya aku dicurahkan seperti minuman yang dipersembahkan sebagai korban dan khidmat imanmu, aku berbahagia dan bersukacita bersama kamu semua. ¹⁸ Demikian jugalah kamu harus bahagia dan bersukacita bersamaku.

Timotius dan Epafroditus

¹⁹ Dalam Tuhan Yesus aku berharap akan dapat mengutus Timotius kepadamu dengan segera, supaya hatiku dihiburkan apabila mengetahui segala hal ehwalmu. ²⁰ Kerana tiada seorang bersamaku yang sama sepertinya dan bersungguh-sungguh mengambil berat tentang hal ehwalmu. ²¹ Semua orang mementingkan hal sendiri, tetapi bukan mereka yang kepunyaan Yesus Kristus. ²² Tetapi kamu mengetahui kelakuannya yang sudah teruji, seperti anak dengan bapa dia berkhidmat bersamaku dalam penyebaran Injil. ²³ Oleh itu, aku berharap akan

mengutusnyanya dengan segera, sebaik-baik aku mengetahui bagaimana keadaanku. ²⁴ Tetapi aku yakin dalam Tuhan bahwa aku pun akan datang tidak lama lagi.

²⁵ Namun demikian, aku merasakan perlu menghantar kepadamu Epafroditus, saudaraku, rakan sekerja dan seperjuanganku, pesuruhmu yang telah melayaniku dalam keadaanku yang serba kekurangan. ²⁶ Sememangnya, dia merindui kamu semua, dan berasa susah hati disebabkan kamu telah mendengar bahawa dia sakit. ²⁷ Memang benar dia sakit, hampir mati, tetapi Allah berbelas kasihan kepadanya, bukan hanya dia tetapi aku juga, supaya kesedihanku tidak bertimpa-timpa. ²⁸ Oleh itu, aku menghantarnya dengan rela dan segera, supaya kamu bersukacita dapat bertemu lagi dengannya, dan supaya aku juga kurang khuatir. ²⁹ Sambutlah dia dalam Tuhan dengan sepenuh sukacita, dan hormatilah orang yang sedemikian. ³⁰ Kerana untuk pekerjaan Kristus dia hampir mati, mempertaruhkan nyawanya untuk menyempurnakan apa-apa yang kurang dalam layananmu kepadaku.

Segalanya untuk Kristus

3 ¹ Akhir kata, saudara-saudaraku, bersukacitalah dalam Tuhan! Bagiku

menuliskan perkara yang sama kepadamu tidaklah menjemukan, dan ini memastikan keselamatanmu. ² Awas orang yang bersikap seperti anjing, awas orang yang berbuat jahat, awas tukang sunat yang palsu. ³ Kerana kita ini orang bersunat, yang menyembah Allah dalam Roh, bermegah dalam Kristus Yesus, dan tidak mengharap hal lahiriah – ⁴ walaupun aku sendiri ada alasan untuk mengharap hal lahiriah. Jika sesiapa menyangka dia ada alasan untuk mengharap hal lahiriah, aku lebih lagi. ⁵ Aku disunatkan ketika berumur lapan hari, berbangsa Israel, daripada suku Benyamin, seorang Ibrani keturunan orang Ibrani; dalam hal Taurat aku orang Farisi; ⁶ dari segi kesungguhan, aku telah menganiaya jemaah; dari segi perbenaran^j dalam mentaati Taurat, aku tiada cacat cela. ⁷ Tetapi segala yang dahulu merupakan untung bagiku, sekarang kukira rugi kerana Kristus. ⁸ Bahkan segala perkara kukira rugi berbanding keagungan mengenal

^j**3:6** Perkataan, ‘perbenaran’ dalam bahasa asal, ‘dikaiosunē,’ sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

3:5 a: Rm 11:1; **b:** Kis 23:6; 26:5.

3:6: Kis 8:3; 22:4; 26:9-11.

Kristus Yesus, Tuhanku. Oleh sebab Dialah aku telah kerugian segalanya, yang kukira sampah sarap belaka, supaya aku mendapat untung iaitu Kristus,⁹ dan didapati di dalam-Nya, bukan dengan perbenaran sendiri yang datang dari Taurat, melainkan yang datang melalui iman kepada Kristus, perbenaran daripada Allah^k melalui iman.¹⁰ Aku hendak mengenal-Nya dan kuasa kebangkitan-Nya, dan turut merasai penderitaan-Nya, serta menjadi seperti Dia dalam kematian-Nya,¹¹ supaya pada akhirnya aku dapat mencapai kebangkitan daripada kematian.

Terus berusaha ke arah matlamat

¹² Bukanlah aku telah mencapainya, atau telah disempurnakan, tetapi aku terus berusaha, semoga aku dapat mengambil sesuatu yang kerananya aku telah diambil oleh Kristus Yesus.

¹³ Saudara-saudara, aku tidak menganggap diriku telah dapat mengambilnya, tetapi satu perkara kulakukan: Melupakan segala yang di belakang dan cuba mendapatkan segala yang di hadapan,¹⁴ aku terus berusaha ke arah matlamat

^k**3:9** 'Perbenaran' akibat daripada tindakan Allah yang memungkinkkan orang berbaik semula dengan-Nya melalui iman.

mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus.

¹⁵ Oleh itu, semua yang matang antara kita hendaklah berfikiran sedemikian, dan jika berbeza fikiranmu dalam apa pun, Allah akan menyatakan hal itu juga kepadamu. ¹⁶ Tetapi setakat yang telah kita capai, marilah kita menempuhnya demikian juga.

¹⁷ Saudara-saudara, bersatulah menurut teladanku, dan perhatikan mereka yang hidup selaras dengan teladan yang kami berikan.

¹⁸ Kerana, seperti yang sudah sering kukatakan kepadamu, dan sekarang kukatakan lagi dengan tangisku, ramai orang hidup sebagai seteru kepada salib Kristus. ¹⁹ Kesudahan mereka adalah kebinasaan, tuhan mereka adalah perut mereka, kemuliaan mereka adalah dalam keaiban mereka. Mereka menumpukan fikiran kepada perkara dunia. ²⁰ Tetapi kewargaan kita adalah di syurga, dari situ kita menanti-nantikan Penyelamat, Tuhan Yesus Kristus. ²¹ Dia akan mengubah tubuh kita yang hina ini supaya serupa dengan tubuh-Nya yang mulia, melalui kuasa-Nya yang dapat menaklukkan segalanya kepada diri-Nya.

4 ¹ Oleh itu, saudara-saudaraku yang dikasihi dan dirindui, yang menjadi kebahagiaanku

dan mahkotaku, berdirilah dengan teguh dalam Tuhan, wahai sekalian yang kusayangi!

Nasihat-nasihat terakhir

² Aku merayu kepada Euodia dan Sintikhe supaya bersatu hati dalam Tuhan. ³ Dan aku meminta kepadamu juga, teman sejati, bantulah perempuan-perempuan ini yang telah berusaha bersamaku untuk Injil, juga dengan Klemen serta teman sekerjaku yang lain, yang nama-nama mereka ada dalam Kitab Hidup.

⁴ Bersukacitalah dalam Tuhan sentiasa. Kukatakan lagi: Bersukacitalah!

⁵ Biar sikapmu yang lemah lembut diketahui oleh semua orang. Tuhan ada berhampiran.

⁶ Jangan bimbangkan apa pun. Dalam segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah. ⁷ Dan sejahtera Allah yang melebihi pengertian manusia akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus.

⁸ Akhir sekali, saudara-saudaraku, apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi – jika ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji – tumpukan fikiran kepadanya. ⁹ Segala yang kamu pelajari, terima, dengar dan lihat

dalam diriku – lakukanlah. Maka Allah yang sumber segala damai sejahtera akan bersertamu.

Bersyukur kerana pemberian jemaah

¹⁰ Tetapi aku amat bersukacita dalam Tuhan kerana akhirnya sekarang prihatinmu kepadaku telah semarak semula. Sebenarnya dahulu pun kamu sudah mengambil berat kepadaku, tetapi tidak ada kesempatan bagimu. ¹¹ Aku tidak bercakap disebabkan kekurangan, kerana dalam keadaan apa pun aku telah belajar berasa cukup. ¹² Aku tahu bagaimana hidup miskin hina dan bagaimana hidup mewah mulia. Di mana-mana dan dalam apa sahaja, aku telah belajar berasa cukup, baik kenyang atau lapar, senang atau susah. ¹³ Aku dapat melakukan segalanya melalui Kristus yang memberiku kekuatan.

¹⁴ Namun demikian kamu telah berbuat baik dengan mengambil bahagian dalam kesusahanku. ¹⁵ Kamu orang Filipi juga tahu bahawa apabila Injil mula dikhabarkan, ketika aku baru keluar dari Makedonia, tiada jemaah yang memberikan layanan kepadaku dalam memberi dan menerima kecuali kamu. ¹⁶ Ketika aku di Tesalonika pun kamu telah mengirimkan bantuan untuk menampung kekuranganku.

¹⁷ Bukanlah aku hendakkan pemberian itu, tetapi aku hendakkan kebaikan itu menambahkan jumlah perbuatan baik dalam kira-kiramu.

¹⁸ Sebenarnya aku ada segalanya, bahkan berlebihan; sudah cukuplah bagiku, setelah menerima kirimanmu dari tangan Epafroditus, bau yang harum dan persembahan yang diterima serta diredai Allah. ¹⁹ Allahku akan membekalkan segala keperluanmu daripada kekayaan-Nya yang termulia dalam Kristus Yesus. ²⁰ Segala kemuliaan bagi Bapa kita Allah selama-lamanya. Amin.

Salam akhir

²¹ Sampaikan salamku kepada setiap orang yang salih dalam Kristus Yesus. Saudara-saudara yang bersamaku mengirim salam kepadamu. ²² Semua orang salih di sini mengirim salam kepadamu, terutamanya isi istana Kaisar.

²³ Semoga kasih kurnia Tuhan Yesus Kristus menyertai rohmu. Amin.

KOLOSE

1 ¹ Daripada Paulus, rasul Kristus Yesus dengan kehendak Allah dan daripada saudara kita Timotius,

² Kepada semua orang salih dan saudara-saudara yang setia dalam Kristus di Kolose:

Kasih kurnia dan damai sejahtera daripada Bapa kita, Allah.

Ucapan syukur dan doa

³ Kami mengucapkan syukur kepada Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, dan kami sentiasa mendoakan kamu, ⁴ sejak kami mendengar tentang imanmu dalam Kristus Yesus dan kasihmu terhadap semua orang salih – ⁵ kerana harapan yang ada bagimu di syurga, yang telah kamu dengar dalam kata kebenaran, iaitu Injil, ⁶ yang telah datang kepadamu. Di seluruh dunia, Injil ini sedang membuahkan manfaat dan tersebar luas, seperti dalam kalanganmu sejak kamu mendengar dan mengetahui kasih kurnia Allah dalam segala kebenarannya. ⁷ Kamu telah mendengar juga daripada teman sekerja kami

yang dikasihi, Epafras, yang menjadi hamba Kristus yang beriman bagi kami, ⁸ yang juga telah menceritakan kepada kami kasihmu dalam Roh.

⁹ Oleh itu, sejak kami mendengarnya, kami juga tidak putus-putus mendoakan kamu, dan memohon supaya kamu dipenuhi pengetahuan tentang kehendak-Nya dalam segala kebijaksanaan dan pengertian rohani.

¹⁰ Kami mendoakan demikian supaya hidupmu layak di hadapan Tuhan, dan kamu mendapat sepenuh keredaan-Nya dalam segala hal: membuahkan manfaat dalam setiap pekerjaan yang baik, bertambah-tambah mengenal Allah, ¹¹ diteguhkan dengan segala kekuatan berdasarkan kuasa-Nya yang mulia, yang mendatangkan kesabaran dan kebahagiaan.

¹² Kita mengucapkan syukur kepada Bapa kita yang telah melayakkan kita menerima sebahagian warisan orang yang salih dalam cahaya. ¹³ Dia telah melepaskan kita daripada kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam kerajaan Anak yang dikasihi-Nya, ¹⁴ melalui Dialah kita ditebus dan mendapat pengampunan dosa.

Keulungan Kristus

¹⁵ Dia ialah gambaran Allah yang tidak kelihatan, Dialah anak sulung antara segala yang diciptakan.

¹⁶ Kerana melalui Dia segala sesuatu diciptakan: yang wujud di bumi dan di syurga, yang kelihatan dan tidak kelihatan, baik yang bertakhta mahupun yang berkuasa, baik pemerintah mahupun kerajaan; segala-galanya telah dicipta melalui-Nya dan untuk-Nya. ¹⁷ Dia terdahulu daripada segalanya, dan setiap yang wujud ada dalam-Nya. ¹⁸ Dan Dia ialah Kepala kepada tubuh iaitu jemaah; Dia adalah permulaan, anak sulung yang bangkit daripada kematian, supaya dalam segalanya Dialah yang terutama. ¹⁹ Kerana Allah berkenan bahawa seluruh diri-Nya berada dalam Dia. ²⁰ Juga melalui Dia, Allah mendamaikan segalanya dengan diri-Nya, baik yang di bumi mahupun di syurga, dengan mengadakan perdamaian melalui pencurahan darah-Nya di atas salib.

²¹ Kamu dahulu tersisih daripada Allah dan merupakan seteru dalam pemikiranmu kerana perbuatanmu yang jahat. ²² Akan tetapi, sekarang Allah telah mendamaikan kamu dengan diri-Nya melalui kematian tubuh Anak-Nya, supaya Dia

dapat memperhadapkan kamu sebagai orang suci, yang tidak bercela dan tidak bersalah di hadapan-Nya – ²³ jika kamu tetap beriman, mantap dan berdiri teguh, tidak berganjak daripada harapan Injil yang kamu dengar. Inilah Injil yang dikhabarkan kepada seluruh ciptaan di bawah langit, dan yang aku, Paulus, menjadi hambanya.

Pengabdian Paulus untuk jemaah

²⁴ Aku sekarang bersukacita atas penderitaanku untukmu, dan aku menyempurnakan dengan tubuhku apa yang kurang dalam kesengsaraan Kristus, untuk tubuh-Nya yang suci, yaitu jemaah. ²⁵ Aku sudah dijadikan hamba jemaah, menurut amanat Allah yang telah diberikan kepadaku untuk kamu, bagi menyampaikan firman Allah dengan sepenuhnya – ²⁶ yaitu rahsia yang telah tersembunyi daripada segala zaman dan keturunan tetapi sekarang telah dinyatakan kepada orang salih-Nya. ²⁷ Kepada mereka Allah berkehendak supaya diberitahu betapa kayanya kemuliaan rahsia itu dalam kalangan orang bukan orang Israel, yaitu Kristus dalam kamu, harapan untuk mendapat kemuliaan. ²⁸ Kristuslah yang kami ajarkan. Kami menasihati dan mengajar setiap orang dengan sepenuh bijaksana, supaya dapat kami hadapkan setiap orang dalam

keadaan sempurna dalam Yesus Kristus. ²⁹ Untuk tujuan inilah juga aku berusaha, berjuang dengan segala kekuatan kuasa-Nya yang bertindak hebat dalam diriku.

2 ¹ Aku mahu kamu tahu betapa perasaanku bergolak keranamu dan orang Laodikia, juga semua yang belum lagi bertemu muka denganku.

² Aku ingin hati mereka terhibur, terjalin rapat dalam kasih, dan mereka mencapai pengertian penuh dalam segala kekayaan serta kepastiannya, supaya mereka mengetahui rahsia Allah Bapa dan Kristus, ³ yang dalam-Nya tersembunyi seluruh harta kebijaksanaan dan pengetahuan.

⁴ Aku mengatakan ini supaya kamu tidak tertipu dengan hujah. ⁵ Sungguhpun tubuhku tiada di sisimu, namun rohku tetap bersamamu, dan aku sukacita kerana melihat keadaanmu yang teratur rapi dan imanmu yang kukuh dalam Kristus.

Kemerdekaan dalam Kristus

⁶ Oleh sebab kamu telah menerima Kristus Yesus sebagai Tuhan, hiduplah melangkah dalam Dia, ⁷ berasas dan terbina dalam-Nya serta bertapak teguh dalam iman, sebagaimana kamu telah diajar, penuh melimpah dengan kesyukuran.

⁸ Awaslah, jangan tertipu oleh orang yang menggunakan falsafah dan tipu daya yang sia-sia,

menurut adat manusia, menurut ajaran asas dunia, bukan menurut Kristus. ⁹ Dalam-Nya terhimpun seluruh ketuhanan berbentuk jasmani, ¹⁰ dan kamu sempurna dalam-Nya, yang merupakan kepala segala perintah dan kuasa.

¹¹ Dalam-Nya juga kamu telah disunatkan dengan persunatan tanpa menggunakan tangan, iaitu dengan membuang segala dosa hawa nafsu dunia daripada tubuhmu, melalui persunatan Kristus. ¹² Kamu telah dikuburkan bersama-Nya dengan baptisan, dan telah dibangkitkan bersama-Nya melalui iman dalam kuasa Allah yang telah membangkitkan-Nya daripada kematian. ¹³ Kamu dahulu mati kerana melakukan dosa dan kerana tidak bersunat secara lahiriah. Allah telah menghidupkan kamu bersama Tuhan dan mengampunkan segala kesalahanmu. ¹⁴ Dia telah memansuhkan hukum-hukum bertulis yang menghimpit dan menghalang kita; Dia telah mencabutnya dan memakukannya pada salib. ¹⁵ Setelah menumpaskan segala roh yang berkuasa dan memerintah, Dia mendedahkan mereka di hadapan orang ramai dan menunjukkan bahawa Dia telah menakluki mereka dalam salib.

¹⁶ Oleh itu, janganlah siapa pun menghakimi kamu tentang makanan atau minuman, hari raya, bulan baru atau hari Sabat. ¹⁷ Segala ini hanya bayang-bayang perkara akan datang, sedangkan yang nyata ialah Kristus. ¹⁸ Janganlah ganjaranmu dikurangkan oleh seseorang yang pura-pura bersikap rendah diri dan menyembah malaikat. Orang seperti itu berpaut pada penglihatan-penglihatannya dan tanpa alasan menyombongkan dirinya dengan fikiran-fikirannya yang duniawi, ¹⁹ dan tidak berpegang teguh pada Kristus sebagai Kepala. Daripada-Nya seluruh tubuh, yang dibesarkan dan dijalin rapat dengan sendi urat, bertumbuh seperti yang dikehendaki oleh Allah.

²⁰ Oleh itu, jika kamu telah mati bersama Kristus daripada ajaran asas dunia, mengapakah kamu berkelakuan seolah-olah kamu hidup berpandukan kebiasaan dunia, dengan mematuhi peraturan-peraturannya, iaitu: ²¹ “Jangan sentuh! Jangan kecap! Jangan pegang!”? ²² Peraturan sedemikian melibatkan perkara-perkara yang lenyap setelah dipakai. Mengapa kamu masih menurut hukum-hukum dan pengajaran manusia? ²³ Peraturan-peraturan begini memang kelihatan seolah-olah bijaksana, dalam pegangan

agama yang dikenakan pada diri sendiri, sikap merendah diri yang palsu, dan pengabaian tubuh, tetapi segalanya tidak menolong kamu melawan hawa nafsu dunia.

Peraturan untuk hidup suci

3 ¹ Dengan demikian, jika kamu telah dibangkitkan bersama Kristus, carilah perkara-perkara yang berkaitan dengan syurga, tempat Kristus duduk di sebelah kanan Allah.

² Tumpukan pemikiranmu kepada hal-hal di syurga, bukan hal-hal di bumi. ³ Kerana kamu telah mati, dan hidupmu tersembunyi bersama Kristus dalam Allah. ⁴ Apabila Kristus yang merupakan kehidupan kamu itu muncul, kamu akan muncul bersama-Nya dalam kemuliaan.

⁵ Oleh itu, matikanlah dalam dirimu segala yang bersifat dunia: perbuatan cabul, kecemaran, hawa nafsu, keinginan jahat dan tamak haloba, yang sama dengan menyembah berhala.

⁶ Disebabkan semua inilah kemurkaan Allah akan menimpa anak-anak derhaka. ⁷ Dulu kamu pun berkelakuan demikian, pada masa kamu masih dalam kehidupan itu.

⁸ Tetapi sekarang kamu haruslah menyingkirkan segalanya seperti: marah, geram, niat jahat,

menghina Allah, mengeluarkan kata-kata kotor dari mulutmu. ⁹ Jangan bercakap bohong satu sama lain, kerana kamu sudah melucutkan dirimu yang lama itu dengan segala kelakuannya ¹⁰ dan mengenakan diri yang baru, yang terus-menerus diperbaharu dengan pengetahuan menurut rupa Allah yang menjadikannya. ¹¹ Dengan demikian tiada lagi orang Yunani atau orang Yahudi, orang bersunat atau orang tidak bersunat, orang gasar, orang Skit, hamba atau merdeka. Kristus segala-galanya dan dalam segala-galanya.

¹² Sebagai orang pilihan Allah yang suci dan amat dikasihi-Nya kamu haruslah bersifat belas kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar. ¹³ Bersabarlah terhadap satu sama lain, maaf-memaafi, jika seseorang ada sesuatu aduan terhadap yang lain. Sebagaimana Tuhan telah mengampuni kamu, demikianlah kamu harus mengampuni sesama sendiri. ¹⁴ Paling utama amalkanlah kasih, ikatan dan penyatu yang sempurna. ¹⁵ Biarlah damai Kristus menguasai hatimu. Kamu telah dipanggil untuk mendapat damai itu dalam satu tubuh. Kamu haruslah bersyukur. ¹⁶ Biarlah sabda Kristus menetap dalam dirimu dengan segala kekayaan dan

3:9: Ef 4:22. **3:10 a:** Ef 4:24; **b:** Kej 1:26. **3:12:** Ef 4:2.
3:13: Ef 4:32. **3:16:** Ef 5:19,20.

kebijaksanaannya. Ajar dan nasihati satu sama lain dengan mazmur, lagu pujian dan nyanyian rohani, serta nyanyikanlah lagu rohani dengan rasa syukur kepada Allah dalam hatimu. ¹⁷ Segala yang kamu katakan dan lakukan haruslah dengan nama Tuhan Yesus sambil mengucap syukur kepada Bapa kita Allah melalui-Nya.

Corak kehidupan dan rumah tangga

¹⁸ Isteri, tunduklah kepada suamimu, sebagaimana yang patut dalam Tuhan.

¹⁹ Suami, kasihilah isterimu dan jangan berlaku keras terhadapnya.

²⁰ Anak-anak, turutlah perintah ibu bapamu dalam segala perkara, kerana demikianlah yang diredai Tuhan.

²¹ Bapa, jangan sakitkan hati anak-anakmu, supaya mereka tidak tawar hati.

²² Hamba sahaya, dalam segala hal turutlah perintah orang yang menjadi tuanmu dalam perkara dunia; bukan secara bermuka-muka, untuk menyukakan hati manusia, tetapi dengan tulus ikhlas dan takut akan Allah. ²³ Lakukan segala kerja dengan sebulat hatimu untuk Tuhan, bukan untuk manusia, ²⁴ kerana kamu tahu

3:18: Ef 5:22; 1Ptr 3:1. **3:19:** Ef 5:25; 1Ptr 3:7.

3:20: Ef 6:1. **3:21:** Ef 6:4. **3:22:** Ef 6:5-8.

bahawa daripada Tuhan kamu akan menerima warisan sebagai ganjaranmu. Kristus ialah Tuanmu dan kamu hamba-Nya. ²⁵ Orang yang melakukan kesalahan akan mendapat balasan yang setimpal, tidak kira siapa dia.

4 ¹ Kamu sekalian yang menjadi tuan, berilah apa yang adil dan wajar kepada hamba-hambamu, kerana kamu tahu bahawa kamu pun mempunyai Tuan di syurga.

Arahan-arahan lain

² Bertekunlah dalam doa dan berjaga-jaga serta mengucap syukur. ³ Doakan kami juga, semoga Allah membukakan kami suatu pintu bagi firman-Nya, supaya kami bercakap tentang rahsia Kristus. Oleh sebab rahsia itulah aku terpenjara ini, ⁴ semoga aku dapat menyatakannya dengan jelas, sebagaimana yang sewajarnya.

⁵ Dekatilah orang luar dengan bijaksana, dan pergunakanlah setiap peluang dengan baik. ⁶ Perkataanmu hendaklah sentiasa penuh dengan kasih kurnia, digarami kebijaksanaan, supaya kamu tahu menjawab setiap orang dengan sewajarnya.

Salam akhir

⁷ Saudara kita Tikhikus yang dikasihi akan memberitahumu segala hal ehwalku. Dia seorang hamba yang beriman, dan teman sekerjaku dalam pekerjaan Tuhan. ⁸ Aku mengutusnyanya kepadamu supaya dia mengetahui hal ehwal kamu dan menggalakkan hatimu. ⁹ Bersamanya ialah saudara kita Onesimus yang beriman dan dikasihi, dia orang kamu. Mereka berdua akan memberitahu kamu segala yang berlaku di sini.

¹⁰ Aristarkhus, temanku dalam penjara, berkirim salam kepadamu. Demikian juga Markus, saudara sepupu kepada Barnabas. (Kamu telah mendapat arahan tentangnya; kamu harus menyambut jika dia datang mengunjungimu.) ¹¹ Yesus,^l yang dipanggil Yustus, juga berkirim salam kepadamu. Mereka inilah sahaja orang bersunat yang bekerja bersamaku untuk kerajaan Allah, dan mereka menjadi penghibur hatiku.

¹² Epafras, seorang daripada kamu, juga berkirim salam kepadamu. Dia hamba Kristus Yesus dan sentiasa mendoakanmu bersungguh-

^l**4:11** Nama ini juga diterjemahkan sebagai Yesua.

4:7: Kis 20:4; 2Tim 4:12; Ef 6:21,22.

4:9: Flm 1:10-12. **4:10 a:** Kis 19:29; 27:2; Flm 1:24; **b:** Kis 12:12,25; 13:13; 15:37-39. **4:12:** Kol 1:7; Flm 1:23.

sungguh, supaya kamu berdiri teguh dengan penuh keyakinan dan kematangan dalam segala yang dikehendaki Allah. ¹³ Aku bersaksi bahwa dia amat berusaha untuk kamu dan orang di Laodikia serta di Hierapolis. ¹⁴ Lukas, tabib yang dikasihi itu, pun berkirim salam kepadamu, begitu juga Demas.

¹⁵ Sampaikan salamku kepada saudara-saudara di Laodikia, dan kepada Nimfa serta jemaah di rumahnya itu. ¹⁶ Apabila surat ini dibacakan dalam kalanganmu, pastikan bahawa surat ini dibacakan pula dalam jemaah orang Laodikia. Kamu pula bacalah surat dari sana. ¹⁷ Katakan kepada Arkhipus, “Berilah perhatian kepada kerja yang telah kamu terima dalam Tuhan, supaya kamu dapat melaksanakannya.”

¹⁸ Salam daripadaku, Paulus, dengan tulisan tanganku sendiri. Ingatlah bahawa aku terpenjara.

Semoga kasih kurnia Allah menyertaimu.

4:14 a: 2Tim 4:11; Flm 1:24; **b:** 2Tim 4:10; Flm 1:24.

4:17: Flm 1:2.

1 TESALONIKA

1 ¹ Daripada Paulus, Silwanus dan Timotius,
Kepada jemaah di Tesalonika dalam Allah
Bapa dan Tuhan Yesus Kristus:

Kasih kurnia dan damai sejahtera menyertai
kamu.

Ucapan syukur

² Kami sentiasa bersyukur kepada Allah kerana
kamu semua dan menyebut nama-namamu
dalam doa kami. ³ Kami sentiasa ingat betapa
kamu telah bekerja dalam iman, berusaha
dengan kasih dan bersabar dengan sepenuh
harapan kepada Tuhan Yesus Kristus kita di
hadapan Allah Bapa kita. ⁴ Saudara-saudara
yang dikasihi, kami tahu bahawa Allah telah
memilihmu, ⁵ kerana Injil yang kami beritakan itu
telah sampai kepadamu bukan hanya dengan
kata-kata tetapi juga dengan kuasa, dengan
Roh Kudus dan dengan keyakinan kukuh. Kamu
tahu akan sifat dan kehidupan kami sewaktu
bersamamu demi kebaikanmu. ⁶ Kamu mengikut
teladan kami dan teladan Tuhan. Walaupun kamu

banyak menanggung kesengsaraan, namun kamu menyambut khabar itu dengan sukacita yang datang daripada Roh Kudus. ⁷ Oleh yang demikian kamu menjadi teladan kepada semua orang beriman di Makedonia dan Akhaya. ⁸ Firman Tuhan tersebar bukan sahaja di Makedonia dan Akhaya malah di serata tempat. Mereka telah mendengar tentang imanmu kepada Allah, maka kami tidak perlu berkata apa-apa lagi. ⁹ Mereka sendiri menceritakan bahawa kamu telah menyambut kami dengan baik apabila kami mengunjungimu dahulu, bahawa kamu berpaling daripada menyembah berhala untuk menyembah Allah yang hidup dan benar, ¹⁰ dan untuk menantikan kedatangan Anak-Nya dari syurga, yang telah dibangkitkan Allah daripada kematian – Yesus yang akan menyelamatkan kita daripada kemurkaan yang akan datang.

Kerja Paulus di Tesalonika

2 ¹ Saudara-saudaraku, kamu tahu bahawa kunjungan kami kepadamu tidak sia-sia. ² Kamu tahu bahawa kami telah dianiaya dan telah dihina di Filipi. Walaupun kami telah ditentang tetapi dengan pertolongan Allah kita, kami beroleh keberanian untuk

menyampaikan Injil-Nya kepadamu. ³ Seruan kami kepadamu tidak berasaskan kesilapan atau niat yang kotor mahupun usaha untuk memperdayamu. ⁴ Sebaliknya, kami sentiasa berkata-kata sebagai orang yang dipandang layak oleh-Nya untuk memegang amanah menyampaikan Injil itu. Kami tidaklah berusaha hanya sekadar menyukakan hati manusia tetapi semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah yang menguji hati kami. ⁵ Kamu tahu bahawa kami tidak mendekatimu dengan kata-kata sanjungan atau dengan niat tersembunyi untuk mendapatkan keuntungan daripadamu. Allah menjadi saksi kami. ⁶ Kami juga tidak berusaha mendapatkan pujian manusia baik daripada kamu mahupun orang lain. Walaupun sebagai rasul Kristus kami memang boleh menuntut sesuatu daripadamu, ⁷ namun ketika kami bersamamu, kami bersikap lemah lembut seperti ibu menjaga anak-anaknya. ⁸ Kami amat mengasihimu sehingga kami bukan sahaja berasa sukacita menyampaikan Injil daripada Allah kepadamu malah sanggup memberikan kehidupan dan nyawa kami untukmu kerana kamu amat kami kasihi. ⁹ Saudara-saudaraku, tentu kamu ingat betapa kami bertungkus-lumus siang malam agar tidak membebankan kamu ketika kami menyebarkan Injil daripada Allah.

¹⁰ Kamu menjadi saksi kami, di samping Allah, bahawa setiap perbuatan kami suci, benar dan tiada cacat celanya dalam kalangan kamu yang beriman. ¹¹ Kamu tahu betapa kami menasihati, menggalakkan dan menyeru kamu seperti bapa terhadap anak-anaknya, ¹² supaya kamu hidup dengan cara yang diredai Allah yang memanggilmu ke dalam kerajaan-Nya serta kemuliaan-Nya.

¹³ Di samping itu, kami sentiasa bersyukur kepada Allah kerana apabila kami menyampaikan perkhabaran Allah kepadamu, kamu telah mendengar dan menyambutnya bukan sebagai perutusan daripada manusia tetapi sebagai firman Allah. Memang benar perkhabaran itu daripada Allah yang bekerja dalam dirimu yang beriman. ¹⁴ Saudara-saudaraku, kamu telah mengikut teladan jemaah Allah di Yudea dalam Kristus Yesus. Kamu dianiaya oleh bangsamu sendiri, sebagaimana jemaah di Yudea dianiaya oleh orang Yahudi. ¹⁵ Orang Yahudi telah membunuh Tuhan Yesus dan nabi-nabi mereka sendiri serta mengusir kami keluar. Mereka menyakitkan hati Allah, memusuhi semua manusia, ¹⁶ serta menghalang kami

2:14: Kis 17:5.

2:15: Kis 9:23,29; 13:45,50; 14:2,5,19; 17:5,13; 18:12.

daripada menyebarkan perkhabaran kepada bangsa-bangsa asing supaya mereka beroleh penyelamatan. Demikianlah orang Yahudi berterusan melakukan dosa sehingga sampai hadnya. Kini seluruh kemurkaan Allah menimpa mereka.

Kerinduan Paulus

¹⁷ Saudara-saudara, meskipun kami terpisah jauh daripadamu bagi sementara waktu, namun hati kami tetap dekat denganmu dan amat merinduimu. Kami berusaha sedaya upaya untuk bertemu lagi denganmu. ¹⁸ Kami berhasrat mengunjungimu lagi. Aku, Paulus, telah berusaha berkali-kali untuk melawatmu, tetapi kami telah dihalang oleh Iblis. ¹⁹ Siapakah harapan, kesukaan, atau mahkota yang akan kami megahkan kelak di hadapan Tuhan kita Yesus ketika Dia datang nanti? Bukankah kamu? ²⁰ Memang kamulah kemuliaan dan kegembiraan kami.

3 ¹ Apabila kami tidak tertahan lagi, kami membuat keputusan untuk tinggal seorang diri di Atena. ² Sementara itu kami mengutus Timotius, saudara kami dan rakan sekerja Allah dalam Injil Kristus, untuk menetapkan

hatimu dan meneguhkan imanmu, ³ supaya tiada seorang pun daripadamu goyah pendirian akibat penganiayaan itu. Kamu tahu bahawa ini sudah ditentukan untuk kita. ⁴ Sewaktu kami bersamamu dahulu, kami telah pun menyatakan bahawa kita akan dianiaya. Kini kamu telah melihat bahawa penganiayaan itu benar-benar berlaku. ⁵ Aku telah mengutus Timotius kepadamu kerana terlalu ingin mengetahui bagaimana keadaan imanmu. Aku bimbang kalau-kalau si penggoda telah menggodamu sehingga usaha kami sia-sia belaka.

Laporan Timotius

⁶ Sekarang Timotius telah pulang membawa khabar baik tentang iman dan kasihmu. Dia memberitahu bahawa kamu sentiasa mengenang mesra terhadap kami serta ingin menemui kami sebagaimana kami ingin menemuimu. ⁷ Oleh itu, saudara-saudara, di tengah-tengah kesusahan dan kesengsaraan, hati kami terhibur oleh berita tentang imanmu. ⁸ Kerana kini kami benar-benar hidup, memandangkan kamu tetap berdiri teguh dalam Tuhan. ⁹ Bagaimanakah kami harus bersyukur kepada Allah atas segala kegembiraan yang kami rasakan kerana kamu di

hadapan Allah kita? ¹⁰ Siang malam kami berdoa sepenuh hati semoga kami dapat menemuimu dan melengkapkan apa yang masih kurang dalam imanmu.

¹¹ Semoga Allah dan Bapa kita, dan Yesus, Tuhan kita melorongkan pertemuan kita. ¹² Semoga Tuhan menjadikanmu semakin kasih-mengasahi dan semakin mengasahi sesama manusia sebagaimana kami mengasihimu. ¹³ Dengan demikian Tuhan akan memperteguh hatimu sehingga kamu menjadi suci, tiada cacat cela di hadapan Allah Bapa kita semasa Tuhan kita Yesus datang dengan semua pengikut-Nya yang salih.

Nasihat supaya hidup suci

4 ¹ Akhirnya, saudara-saudaraku, dengan nama Tuhan Yesus, kami meminta dan menyeru kamu sebagaimana yang kamu pelajari daripada kami supaya kamu menegakkan cara hidup yang diredai Allah. Sebagaimana yang telah kamu lakukan sedemikian, lakukannya dengan lebih bersungguh-sungguh. ² Kamu mengetahui petunjuk-petunjuk yang telah kami berikan kepadamu melalui Tuhan Yesus. ³ Allah menghendakimu hidup suci dan menjauhkan diri daripada perbuatan cabul. ⁴ Hendaklah kamu masing-masing tahu bagaimana mengawal tubuh badan sendiri dan hidup dalam kesucian dan

kehormatan, ⁵ serta tidak menurut hawa nafsu seperti yang dilakukan oleh orang yang tidak mengenal Allah. ⁶ Janganlah sesiapa berbuat salah kepada saudaranya atau memperdayanya dalam hal ini. Kami telah menyatakan ini kepadamu dahulu dan memberikan amaran keras bahawa Tuhan akan menimpakan pembalasan kepada orang yang melakukan kesalahan demikian. ⁷ Allah tidak memanggil kita supaya hidup cabul tetapi agar hidup dalam kesucian. ⁸ Oleh yang demikian, sesiapa yang menolak ajaran ini bukanlah sekadar menolak manusia tetapi menolak Allah yang mengurniai kita Roh Kudus-Nya.

⁹ Kami tidak perlu menuliskan tentang kasih persaudaraan kerana Allah telah mengajarmu supaya kasih-mengasihi satu sama lain. ¹⁰ Kamu telah pun mengamalkannya terhadap saudara-saudara seiman di serata Makedonia. Namun demikian, saudara-saudaraku, kami menyerumu supaya lebih kasih-mengasihi lagi. ¹¹ Berusahalah untuk hidup tenang, usah campuri hal orang dan carilah nafkah sendiri, sebagaimana yang kami katakan kepadamu dahulu. ¹² Dengan demikian kamu akan dihormati oleh mereka yang bukan pengikut Kristus dan kamu tidak akan kekurangan apa-apa.

Kedatangan Yesus Kristus

¹³ Saudara-saudaraku, kami mahu kamu mengetahui kebenaran tentang orang yang telah mati, agar kamu tidak bersedih seperti orang yang tidak mempunyai harapan. ¹⁴ Kita percaya bahawa Yesus telah mati dan hidup semula. Kita juga percaya bahawa mereka yang beriman kepada Yesus dan kemudiannya mati akan dihidupkan semula oleh Allah untuk hidup bersama-Nya.

¹⁵ Inilah ajaran Tuhan yang kami sampaikan kepadamu bahawa pada hari kedatangan Tuhan yang masih hidup tidak akan mendahului mereka yang sudah mati. ¹⁶ Pada waktu itu, Tuhan akan turun dari syurga dengan satu seruan yang kuat, dengan suara malaikat agung, dan dengan sangkakala Allah. Mereka yang telah mati dalam Kristus akan dibangkitkan terlebih dahulu. ¹⁷ Kemudian kita yang masih hidup ketika itu akan diangkat bersama mereka ke awan untuk bertemu dengan Tuhan di angkasa. Lantas kita akan bersama Tuhan selama-lamanya. ¹⁸ Oleh itu, hendaklah kamu menyenangkan hati sesama sendiri dengan kata-kata ini.

5¹ Saudara-saudara, soal tentang masa dan detiknya tidaklah perlu kami tulis kepadamu.² Kamu cukup mengetahui hari kedatangan Tuhan akan tiba seperti datangnya pencuri pada malam hari.³ Ketika orang berkata, “Segalanya aman tenteram,” maka ketika itulah mereka akan ditimpa kebinasaan dalam sekelip mata, seperti seorang perempuan ditimpa rasa sakit semasa akan melahirkan anak. Tiada siapa pun dapat melepaskan diri.⁴ Tetapi, saudara-saudara, kamu tidak hidup dalam kegelapan. Hari itu tidak seharusnya mengejutkan kamu seperti datangnya pencuri.⁵ Kamu semua anak cahaya, anak siang. Kita bukanlah makhluk malam atau kegelapan.⁶ Oleh yang demikian, janganlah kita tidur seperti orang lain. Marilah kita berjaga dan berkeadaan siuman.⁷ Orang yang tidur, tidur pada waktu malam. Orang yang mabuk, mabuk pada waktu malam.⁸ Tetapi kita anak-anak siang, hendaklah sentiasa waras dan waspada. Jadikan iman dan kasih perisai dada kita, serta harapan diselamatkan sebagai ketopong pelindung kepala.⁹ Allah memilih kita bukannya untuk menanggung kemurkaan-Nya, tetapi untuk diselamatkan melalui Tuhan kita Yesus Kristus.

5:2: Mat 24:43; Luk 12:39; 2Ptr 3:10.

5:8: Yes 59:17; Ef 6:13-17.

¹⁰ Yesus telah mati untuk kita supaya kita dapat hidup bersama-Nya sewaktu Dia datang nanti, sama ada kita terjaga atau tertidur mati pada masa itu. ¹¹ Oleh yang demikian, hendaklah kamu saling menggalakkan dan meneguhkan, sebagaimana yang kamu lakukan sekarang.

Petunjuk-petunjuk akhir

¹² Saudara-saudaraku, kami menyeru kamu supaya menghormati orang yang berjerih payah dalam kalanganmu, memimpin dan menasihatimu dalam Tuhan. ¹³ Layanilah mereka dengan sepenuh hormat dan kasihilah mereka kerana segala yang diusahakan oleh mereka. Hiduplah bersama-sama dalam aman damai.

¹⁴ Saudara-saudaraku, kami menyeru kamu, berilah amaran kepada orang yang melanggar peraturan, tetapkan hati orang yang takut, tolong orang yang lemah, dan bersabar terhadap semua. ¹⁵ Pastikan jangan sesiapa membalas kejahatan dengan kejahatan. Berusahalah ke arah kebaikan bagi dirimu dan semua orang.

¹⁶ Bersukacitalah sentiasa. ¹⁷ Berdoalah sepanjang masa. ¹⁸ Bersyukurlah dalam segala keadaan kerana inilah yang dikehendaki Allah daripadamu dalam Kristus Yesus.

¹⁹ Janganlah padamkan kemarakan api Roh Kudus. ²⁰ Janganlah hinakan nubuat. ²¹ Uji setiap

perkara. Berpegang teguh pada yang baik.

²² Jauhilah segala bentuk kejahatan.

²³ Semoga Allah damai sejahtera menyucikanmu dengan sempurna dan memelihara roh, jiwa dan jasadmu, agar tidak ada cacat cela ketika Tuhan kita Yesus Kristus datang kembali. ²⁴ Dia yang memanggil kamu itu setia, dan Dia akan melakukannya.

²⁵ Saudara-saudara, doakanlah kami.

²⁶ Bersalamanlah dengan ciuman suci apabila bertemu dengan saudara-saudara seiman.

²⁷ Dengan nama Tuhan aku menyeru kamu supaya membacakan surat ini kepada semua saudara seiman.

²⁸ Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu.

2 TESALONIKA

1 ¹ Daripada Paulus, Silwanus dan Timotius,
Kepada jemaah di Tesalonika dalam Allah
Bapa kita dan dalam Tuhan Yesus Kristus:

² Semoga kasih kurnia dan kesejahteraan Allah
Bapa kita dan Tuhan Yesus Kristus menyertaimu.

Ucapan syukur dan doa

³ Kami mesti sentiasa bersyukur kepada Allah
keranamu, saudara-saudaraku. Ini memang
sepatutnya, kerana imanmu bertambah teguh
dan kamu semakin kasih-mengasihi. ⁴ Dengan
demikian kami berbangga denganmu di antara
jemaah Allah kerana kesabaran dan imanmu
menanggung segala penganiayaan serta
kesengsaraan.

⁵ Segala ini bukti nyata penghakiman yang
adil daripada Allah, supaya kamu dikira layak
memasuki kerajaan Allah, yang untuknya
kamu telah menderita. ⁶ Allah akan melakukan
keadilan, membalas dengan kesengsaraan
terhadap mereka yang menyebabkan kamu
sengsara, dan ⁷ Dia akan memberikan kelegaan

kepadamu yang menderita dan juga kepada kami apabila Tuhan Yesus muncul dari syurga diiringi malaikat-malaikat perkasa-Nya dengan api yang menyala. ⁸ Dia mengenakan hukuman kepada mereka yang tidak mengenal Allah, dan mereka yang tidak taat akan Injil Tuhan kita Yesus Kristus. ⁹ Mereka akan dihukum dengan kebinasaan selama-lamanya, tersingkir dari hadirat Tuhan kita dan kemuliaan kuasa-Nya. ¹⁰ Semua itu akan berlaku apabila Dia datang, pada hari itu, untuk dimuliakan oleh murid-murid-Nya yang salih dan untuk diberi penghormatan oleh semua orang beriman. Ini termasuk kamu kerana kamu percaya kepada kesaksian kami antara kamu.

¹¹ Oleh itu, kami sentiasa berdoa untukmu supaya Allah kita menganggapmu layak dipanggil, dan supaya Dia memenuhi segala hasratmu berbuat baik untuk-Nya serta menyempurnakan segala usaha imanmu dengan kuasa-Nya.

¹² Dengan demikian, nama Yesus, Tuhan kita, akan kamu muliakan dan kamu akan dimuliakan oleh-Nya, dengan kasih kurnia Allah kita dan Tuhan Yesus Kristus.

Manusia leluasa

2¹ Sekarang, saudara-saudaraku, tentang kedatangan Tuhan kita Yesus Kristus dan betapa kita akan dikumpulkan bersama-Nya kelak, kami menyerumu, ² janganlah kamu mudah keliru atau goyah jika orang berkata hari Tuhan sudah tiba kerana kononnya kami yang mengatakan begitu melalui nubuat, ajaran atau surat. ³ Jangan sekali-kali biarkan sesiapa memperdayamu kerana hari itu tidak akan datang sebelum berlakunya kemurtadan dan manusia leluasa, iaitu anak kebinasaan menampilkan diri. ⁴ Dia akan menentang dan meninggikan dirinya daripada semua yang disembah manusia. Dia akan duduk di dalam bait Allah dan mengisytiharkan dirinya sebagai Allah.

⁵ Ingatkah kamu ketika aku masih bersamamu dahulu, aku telah memberitahumu segala ini? ⁶ Kini kamu tahu apa yang menahannya sekarang, supaya manusia itu tampil pada waktu yang telah ditentukan baginya. ⁷ Kuasa rahsia keleluasaan sudah pun mula bertindak. Hanya yang menahannya sekarang akan terus berbuat demikian sehingga disingkirkan. ⁸ Kemudian

2:1: 1Tes 4:15-17. **2:4:** Dan 11:36; Yeh 28:2.

2:8: Yes 11:4.

manusia leluasa itu akan ternyata dan Tuhan Yesus akan membunuhnya dengan hembusan nafas dari mulut-Nya dan membinasakannya dengan sinar gemilang kedatangan-Nya.

⁹ Datangnya manusia leluasa itu adalah hasil usaha Iblis, dengan membawa kuasa, tanda dan keajaiban palsu, ¹⁰ serta tipu helah durjana untuk menyesatkan orang yang binasa kerana mereka enggan menerima dan mengasihi kebenaran yang dapat menyelamatkan mereka. ¹¹ Oleh yang demikian Allah menghantar pengaruh yang akan menyesatkan mereka sehingga mereka mempercayai apa yang tidak benar. ¹² Dengan itu semua yang tidak mempercayai apa yang benar dan gembira melakukan perkara yang salah akan dihukum.

Berdiri dengan kukuh

¹³ Tetapi kami mesti sentiasa bersyukur kepada Allah kerana kamu, saudara-saudara yang dikasihi oleh Tuhan, kerana dari mulanya Allah telah memilih kamu untuk diselamatkan melalui penyucian dengan Roh Kudus dan kepercayaan terhadap apa yang benar. ¹⁴ Allah memanggil kamu melalui Injil yang kami sampaikan kepadamu, supaya mendapat kemuliaan Tuhan

kita Yesus Kristus. ¹⁵ Oleh itu, saudara-saudaraku, berdirilah dengan kukuh dan berpegang teguh pada segala ajaran yang telah kami sampaikan secara lisan atau melalui surat.

¹⁶ Semoga Tuhan kita Yesus Kristus sendiri dan Allah Bapa kita, yang mengasihi kita dan menetapkan hati serta meneguhkan harapan baik kita selama-lamanya dengan kasih kurnia-Nya, ¹⁷ memberimu perangsang dan kekuatan untuk berbuat dan mengatakan yang baik.

Berdoa

3 ¹ Akhirnya, saudara-saudaraku, doakanlah kami, semoga Firman Tuhan segera tersebar dan dimuliakan, seperti dalam kalanganmu dahulu. ² Doakan semoga Allah menyelamatkan kami daripada orang yang mungkar dan durjana, kerana bukan semua orang mempunyai iman.

³ Tetapi Tuhan setia dan akan menguatkan kamu serta melindungimu daripada si durjana.

⁴ Kami mempunyai keyakinan dalam Tuhan tentang kamu, bahawa kamu sedang dan akan terus mengamalkan apa yang telah kami ajarkan kepadamu.

⁵ Semoga Tuhan membimbing hatimu ke arah kasih Allah dan ketabahan Kristus.

Amaran terhadap sikap malas

⁶ Tetapi, saudara-saudaraku, kami memerintahkan kamu dengan nama Tuhan Yesus Kristus supaya menjauhkan diri daripada setiap saudara yang hidup malas dan tidak menurut ajaran yang telah kami berikan. ⁷ Kamu tahu bahawa kamu harus mengikut teladan kami. Kami tidak hidup malas ketika bersamamu dahulu. ⁸ Kami juga tidak mendapatkan makanan daripada orang lain dengan percuma. Sebaliknya, kami bertungkus-lumus siang malam supaya tidak membebankan sesiapa pun antara kamu. ⁹ Bukan kerana kami tidak berhak menuntut bantuanmu, tetapi untuk menjadi teladan kepadamu. ¹⁰ Sewaktu kami bersamamu, kami telah memberikan perintah ini: “Sesiapa yang tidak mahu bekerja, tidak boleh makan.”

¹¹ Kami mendengar ada di antaramu orang yang hidup malas, langsung tidak bekerja tetapi mencampuri urusan orang. ¹² Dengan nama Tuhan Yesus Kristus kami memerintahkan dan menyeru orang begitu supaya bekerja sewajarnya, menjaga hal masing-masing dan mencari nafkah sendiri.

¹³ Tetapi kamu, saudara-saudaraku, janganlah jemu berbuat baik. ¹⁴ Jika sesiapa tidak mengikut apa yang kami tuliskan di dalam surat ini,

perhatikan dia dan jangan bergaul dengannya, supaya dia merasa malu. ¹⁵ Namun demikian, jangan pula anggap dia sebagai musuh. Sebaliknya nasihatilah dia sebagai saudaramu.

Salam akhir

¹⁶ Semoga Tuhan, sumber segala kesejahteraan, sentiasa mengurniaimu kesejahteraan dalam segala hal. Tuhan bersama kamu semua.

¹⁷ Salam daripada Paulus, kutulis dengan tanganku sendiri. Inilah tanda dalam setiap surat: demikianlah kutulis.

¹⁸ Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu semua.

1 TIMOTIUS

1 ¹ Daripada Paulus, rasul Kristus Yesus, dengan perintah Allah Penyelamat kita dan Kristus Yesus, harapan kita, ² Kepada Timotius, anak sejatiku dalam iman:

Semoga Allah Bapa dan Kristus Yesus Tuhan kita menganugerahimu kasih kurnia, belas kasihan dan kesejahteraan.

Peringatan terhadap guru sesat

³ Sebagaimana telah kutegaskan kepadamu ketika aku bertolak ke Makedonia, supaya kamu tinggal di Efesus untuk memerintahkan beberapa orang berhenti daripada menyebarkan ajaran sesat, ⁴ mendengar cerita dongeng dan salasilah yang panjang. Semua itu hanya menimbulkan pertengkaran dan tidak membawa ke jalan Allah yang berasaskan iman. ⁵ Tujuan perintah ini ialah kasih yang datang daripada hati yang suci, hati nurani yang bersih dan iman yang ikhlas. ⁶ Sesetengah mereka telah menyimpang daripadanya dan berpaling kepada perbincangan yang sia-sia. ⁷ Mereka hendak menjadi guru

hukum, tetapi mereka tidak memahami apa yang dikatakan mereka dan hal-hal yang ditegaskan mereka dengan begitu yakin.

⁸ Tetapi kita tahu bahawa hukum adalah baik jika digunakan dengan betul. ⁹ Kita tahu bahawa hukum diadakan bukan untuk orang yang benar, tetapi untuk orang yang hidup berleluasa dan ingkar, untuk orang yang tidak taat akan Allah dan yang berbuat dosa, untuk orang yang tidak salih dan yang mengutamakan dunia, untuk pembunuh ibu bapa sendiri, serta untuk semua pembunuh. ¹⁰ Selain itu juga untuk pencabul, untuk pemburit, untuk penculik, untuk pendusta, untuk saksi palsu, dan untuk orang yang melakukan apa sahaja yang bertentangan dengan ajaran benar yang ¹¹ berasaskan Injil mulia Allah Yang Terpuji. Injil inilah yang diamanahkan kepadaku untuk disampaikan.

Kasih kurnia Allah terhadap Paulus

¹² Aku bersyukur kepada Kristus Yesus, Tuhan kita, yang telah menguatkanku, kerana Dia menganggapku setia, lalu memberiku tugas itu, ¹³ walaupun dahulu aku seorang yang kufur, menganiaya dan ganas. Namun demikian, aku dikasihani-Nya kerana aku telah melakukan

semuanya itu ketika aku jahil dan tidak beriman.

¹⁴ Tuhan kita melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadaku, dengan iman dan kasih dalam Kristus Yesus. ¹⁵ Pernyataan ini benar dan harus diterima sepenuhnya: Kristus Yesus datang ke dunia untuk menyelamatkan orang yang berdosa – akulah orang yang paling berdosa. ¹⁶ Namun demikian, justeru itulah aku dikasihani, supaya Yesus Kristus dapat menunjukkan kesabaran-Nya yang tidak terhingga, sebagai contoh kepada orang yang akan beriman kepada-Nya untuk hidup kekal.

¹⁷ Penghormatan dan kemuliaan selama-lamanya kepada Raja segala zaman, Allah yang kekal, yang tidak dapat dilihat, dan yang esa. Amin.

¹⁸ Perintah ini kuamanahkan kepadamu, anakku Timotius, menurut apa yang telah dinubuatkan tentangmu, supaya dengan mematuhiinya, kamu akan perjuangkan perjuangan mulia ini, ¹⁹ sambil berpegang kepada iman dan hati nurani yang bersih. Ada yang membelakanginya lalu memusnahkan iman mereka. ²⁰ Antaranya ialah Himeneus dan Aleksander,^m yang kuserahkan kepada Iblis supaya mereka insaf daripada mengkufuri Allah.

^m**1:20** Nama lain: Iskandar.

Doa jemaah

2¹ Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia – ² untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat. ³ Inilah yang baik dan diredai oleh Allah Penyelamat kita ⁴ yang berkehendakkan semua manusia diselamatkan dan mengetahui apa yang benar. ⁵ Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. ⁶ Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia, dan hal ini akan dipersaksikan pada masanya. ⁷ Itulah sebabnya aku dijadikan pemberita Injil dan rasul – aku berkata benar, aku tidak berdusta – dan sebagai pengajar kepada bangsa asing dalam iman dan kebenaran.

⁸ Oleh itu, aku menyeru kaum lelaki di mana-mana sahaja supaya berdoa serta menadahkan tangan yang suci, tanpa kemarahan atau perselisihan. ⁹ Aku juga menyeru kaum perempuan supaya berpakaian serta menghias diri dengan sopan santun dan sederhana. Jangan

berhias dengan jalinan rambut yang berlebihan atau dengan emas ataupun mutiara mahupun pakaian yang mahal-mahal. ¹⁰ Hiasi diri dengan perbuatan baik, yang sepatutnya bagi perempuan yang mengaku kesolehannya. ¹¹ Perempuan hendaklah belajar dengan senyap dan rendah hati. ¹² Aku tidak membenarkan perempuan mengajar atau memerintah lelaki; dia harus berdiam diri ¹³ kerana Adam telah dicipta dahulu, kemudian barulah Hawa. ¹⁴ Dan bukan Adam yang terperdaya, tetapi perempuan itu yang terperdaya, lalu melakukan dosa. ¹⁵ Walaupun demikian, perempuan akan diselamatkan dengan melahirkan anak jika mereka tetap dalam iman, kasih, dan kesucian dengan penguasaan diri.

Syarat-syarat bagi penyelia jemaah

3 ¹ Kata-kata ini benar: Jika seseorang ingin menjadi penyelia jemaah, maka dia ingin akan pekerjaan yang baik. ² Seorang penyelia jemaah haruslah tidak bercela. Dia harus beristeri seorang sahaja, mengamalkan kesederhanaan dan penguasaan diri, dihormati, meraikan tetamu dengan tangan terbuka, dan berkebolehan mengajar. ³ Dia seharusnya bukan pemabuk,

2:13 a: Kej 2:7; **b:** Kej 2:21,22. **2:14:** Kej 3:1-6.

3:2: Tit 1:6-9.

tidak melakukan kekerasan, lemah lembut, bukan kaki gaduh, dan tidak tamak akan wang.

⁴ Dia mesti tahu mengurus rumah tangganya dengan baik dan mendidik anak-anaknya supaya bersikap taat dan hormat. ⁵ (Jika seseorang tidak tahu mengurus rumah tangganya sendiri, bagaimanakah dia hendak mengurus jemaah Allah?) ⁶ Dia seharusnya bukan seorang yang baru beriman, takut kalau-kalau dia menjadi sombong dan dikutuk seperti Iblis dahulu. ⁷ Dia mestilah mempunyai nama yang baik dan dihormati oleh orang di luar jemaah, supaya dia tidak dicela dan terjerumus ke dalam perangkap Iblis.

⁸ Penolong jemaah juga haruslah orang yang dihormati, bukan orang yang lidah bercabang, pemabuk atau mengejar keuntungan secara haram. ⁹ Mereka hendaklah berpegang teguh pada rahsia iman dengan hati nurani yang suci. ¹⁰ Tetapi mereka harus diuji terlebih dahulu dan jika didapati mereka tidak bercela, barulah dijadikan penolong jemaah. ¹¹ Begitu juga isteri mereka, mestilah orang yang dihormati, tidak memfitnah orang, mengamalkan kesederhanaan dan penguasaan diri, dan jujur dalam semua hal. ¹² Setiap penolong jemaah haruslah orang yang hanya beristeri satu dan mendidik anak-anak serta mengurus rumah tangga dengan baik. ¹³ Penolong jemaah yang telah menjalankan

tugas dengan baik akan dihormati dan menjadi amat yakin dalam iman dalam Kristus Yesus.

¹⁴ Aku menuliskan hal-hal ini kepadamu, sungguhpun aku berharap akan dapat mengunjungimu tidak lama lagi. ¹⁵ Namun demikian, kalau-kalau aku tidak dapat datang dengan cepat, aku menuliskannya supaya engkau tahu bagaimana seharusnya berkelakuan dalam keluarga Allah, iaitu jemaah Allah yang hidup, tiang dan asas kebenaran. ¹⁶ Tidak dapat dinafikan betapa mulianya rahsia iman:

Dia telah menampakkan diri sebagai manusia,
dinyatakan benar oleh Roh Kudus,
dilihat oleh para malaikat,
dikhabarkan kepada bangsa-bangsa,
dipercayai di seluruh dunia,
dinaikkan dengan kemuliaan.

Arahan Paulus untuk Timotius

4 ¹ Roh Kudus menyatakan dengan jelas bahawa pada akhir zaman sesetengah orang akan berpaling daripada iman, mengikut roh-roh yang memperdayakan dan ajaran roh-roh iblis.

² Ajaran ini disampaikan oleh pendusta yang munafik yang hati nuraninya bagaikan diselar besi panas. ³ Mereka melarang orang berkahwin dan menegah orang memakan makanan yang telah dijadikan Allah untuk diterima dengan syukur

oleh orang yang beriman dan mengetahui ajaran yang benar. ⁴ Setiap ciptaan Allah itu baik, dan tiada suatu apa pun yang harus ditolak, asalkan diterima dengan syukur, ⁵ kerana segalanya telah disucikan dengan firman Allah dan doa.

⁶ Jika engkau mengajarkan hal-hal ini kepada saudara-saudara seiman, engkau akan menjadi hamba Kristus Yesus yang baik, yang dipupuk dengan kata-kata iman dan ajaran baik yang telah kauikut dengan teliti. ⁷ Jauhilah cerita-cerita yang bercorak duniawi dan karut, serta latihlah diri menjadi orang yang salih. ⁸ Latihan jasmani ada faedahnya, tetapi kesalihan berfaedah dalam segala hal, kerana memuat janji baik bagi kehidupan sekarang ataupun kehidupan akan datang. ⁹ Kata-kata ini benar dan harus diterima sepenuhnya. ¹⁰ Kita bekerja keras dan berjuang, kerana kita yakin kepada Allah yang hidup, Penyelamat semua manusia, terutamanya mereka yang beriman.

¹¹ Perintahkan dan ajarkanlah semua ini.

¹² Jangan biarkan sesiapa menghinamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian.

¹³ Hingga aku datang nanti, tumpukan perhatian kepada membaca Kitab Suci di khalayak ramai, menyampaikan firman dan mengajar orang.

¹⁴ Jangan lalai dalam menggunakan kurnia yang diberikan kepadamu melalui nubuat ketika sekumpulan tua-tua jemaah meletakkan tangan ke atasmu. ¹⁵ Lakukanlah hal-hal ini dengan rajin. Curahkan seluruh keupayaan dirimu kepadanya, supaya kemajuanmu jelas di mata semua orang. ¹⁶ Berhematlah tentang dirimu dan ajaranmu. Lakukan terus-menerus, kerana dengan demikian engkau akan menyelamatkan dirimu dan mereka yang mendengar kata-katamu.

Petunjuk dan nasihat

5 ¹ Jangan marahi orang yang lebih tua daripadamu, tetapi nasihati dia seolah-olah dia bapamu. Nasihati lelaki yang lebih muda daripadamu seperti saudara lelakimu, ² perempuan yang lebih tua seperti ibumu, perempuan yang lebih muda seperti adik perempuanmu, dengan hati yang suci.

³ Hormati balu yang benar-benar hidup sebagai balu. ⁴ Tetapi jika seorang balu mempunyai anak cucu, mereka harus terlebih dahulu mengamalkan kesalihan di rumah dan membalas budi orang tua mereka, kerana ini baik dan diredai Allah. ⁵ Seorang balu yang benar-benar hidup sendirian tanpa tempat bergantung hanya berharap kepada Allah dan berdoa siang malam. ⁶ Sebaliknya, seorang balu yang hidup

berpelesiran sudah pun mati walaupun masih hidup. ⁷ Suruhlah mereka taati segala ini supaya mereka tidak bercela. ⁸ Sekiranya seseorang tidak menjaga sanak saudaranya, apatah lagi seisi rumahnya sendiri, maka dia menyangkal iman dan lebih buruk daripada orang yang tidak beriman.

⁹ Jangan masukkan ke dalam golongan balu mereka yang berusia di bawah enam puluh tahun. Seseorang boleh digolongkan sebagai balu jika dia bersuami cuma sekali, ¹⁰ dan terkenal berbuat baik, seperti mengasuh anak-anak, menumpangkan orang luar di rumahnya, melayani orang salih dengan hormat, membantu orang dalam kesusahan, serta sentiasa membuat kebajikan.

¹¹ Jangan masukkan balu muda ke dalam golongan ini kerana apabila nafsu mengatasi tumpuan mereka kepada Kristus, mereka hendak berkahwin lagi ¹² dan dengan demikian dicela kerana mereka telah melanggar ikrar mereka yang pertama. ¹³ Tambahan pula mereka belajar membuang masa merayau dari rumah ke rumah. Bukan itu sahaja, mereka mengumpat dan menjaga tepi kain orang, mengatakan apa yang tidak patut disebutkan. ¹⁴ Oleh yang demikian aku mahu balu muda berkahwin lagi, mendapat anak dan mengurus rumah tangga, supaya

musuh tidak dapat memburukkan nama kita;
¹⁵ kerana ada yang telah berpaling menurut Iblis.
¹⁶ Sekiranya seseorang perempuan yang beriman mempunyai ahli keluarga yang kematian suami, dia harus menjaga mereka dan tidak membebani jemaah dengan tanggungjawab itu. Dengan demikian jemaah dapat membantu balu yang tidak ada tempat untuk bergantung.

¹⁷ Tua-tua yang melaksanakan kewajipannya dengan sempurna layak menerima penghormatan tinggi, terutamanya yang giat menyampaikan firman dan ajaran.

¹⁸ Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, “Jangan berangus mulut lembu yang sedang mengirik bijian,” dan “Orang yang bekerja layak menerima upah.” ¹⁹ Jangan percaya tuduhan terhadap seorang tua-tua jemaah melainkan diperkukuh oleh dua tiga orang saksi. ²⁰ Apabila orang berbuat dosa, tegurlah mereka di hadapan jemaah supaya yang lain gentar melakukan perbuatan demikian.

²¹ Di hadirat Allah, Kristus Yesus dan malaikat-malaikat yang terpilih, aku mengarahkanmu mematuhi perintah-perintah ini tanpa prasangka atau pilih kasih. ²² Jangan terburu-buru

5:18 a: Ul 25:4; **b:** Mat 10:10; Luk 10:7.

5:19: Ul 17:6; 19:15.

meletakkan tangan ke atas seseorang dan jangan turut serta membuat dosa dengan orang. Jaga kesucianmu.

²³ Jangan minum air sahaja, minumlah sedikit air anggur demi perutmu dan badanmu yang kerap sakit.

²⁴ Dosa sesetengah orang ketara lalu dihakimi, manakala dosa sesetengahnya akan ternyata kemudian. ²⁵ Demikian juga, sesetengah perbuatan baik terserlah di mata orang, namun yang tidak kelihatan pun tidaklah tersembunyi.

6 ¹ Semua orang yang diperhamba sebagai abdi harus menganggap tuan mereka wajar mendapat segala penghormatan supaya orang tidak dapat mencela nama Allah dan ajaran kita.

² Apabila tuan mereka seorang beriman, mereka tidak harus memandang ringan kepadanya malah harus melayannya dengan lebih baik lagi, kerana yang mendapat manfaat layanan mereka itu saudara seiman yang dikasihi. Hal-hal ini harus kamu ajarkan dan sampaikan sebagai nasihat.

Tamak akan wang

³ Jika sesiapa mengajarkan sesuatu yang berlainan dan tidak menerima kata-kata yang benar iaitu kata-kata Yesus Kristus, Tuhan kita, dan ajaran yang selaras dengan kesalihan;

⁴ dia bersifat angkuh dan jahil, asyik bertikai

dan membahas tentang kata-kata, sehingga menimbulkan iri hati, perkelahian, pencacian, syak wasangka yang buruk, ⁵ pertengkarannya sia-sia orang yang berfikiran keji dan tidak mengenal kebenaran. Sangkanya kesalihan itu satu cara mendapat keuntungan.

⁶ Kesalihan yang disertai dengan rasa puas membawa keuntungan besar. ⁷ Kita tidak membawa apa-apa ke dalam dunia ini, dan pasti sekali kita tidak dapat membawa apa-apa apabila kita meninggalkannya. ⁸ Oleh itu, jika kita ada pakaian dan makanan, kita harus berasa puas. ⁹ Orang yang mahu kaya tergoda dan terperangkap oleh pelbagai keinginan yang sia-sia dan berbahaya, yang menjerumuskannya ke dalam kerosakan dan kemusnahan. ¹⁰ Cinta akan wang punca segala kejahatan. Sesetengah orang memburu wang dengan begitu tamaknya sampaikan tersesat daripada iman dan akhirnya menanggung berbagai-bagai kesengsaraan jiwa.

Perintah Paulus untuk Timotius

¹¹ Tetapi kamu, wahai hamba Allah, jauhilah segala ini. Amalkanlah perbenaran,ⁿ kesalihan,

ⁿ**6:11** Terjemahan lain: Kebenaran. Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

iman, kasih, kesabaran dan sikap lemah lembut.

¹² Berjuanglah dalam perjuangan iman yang benar. Berpegang teguhlah kepada hidup kekal; kepada hidup itulah kamu telah dipanggil ketika kamu membuat pengakuan yang benar di hadapan saksi yang ramai. ¹³ Di hadirat Allah

yang memberi nyawa kepada segala sesuatu, dan di hadapan Kristus Yesus yang memberikan kesaksian akan pengakuan yang benar kepada Pontius Pilatus, aku berpesan kepadamu,

¹⁴ taatilah perintah ini dengan sempurna tanpa cela hingga hari Yesus Kristus, Tuhan kita, datang kembali, ¹⁵ yang akan ditunjukkan Tuhan pada masa yang ditentukan oleh-Nya sendiri. Dia Pemerintah Yang Terpuji dan satu-satunya Raja segala raja dan Tuan segala tuan. ¹⁶ Hanya Dia yang hidup selama-lamanya, wujud dalam cahaya yang tidak dapat didekati, tidak pernah dan tidak dapat dilihat manusia. Bagi-Nya penghormatan dan kuasa selama-lamanya. Amin.

¹⁷ Perintahkan orang yang kaya pada masa ini supaya jangan angkuh, jangan mengharapkan kekayaan yang sebenarnya tidak kekal, tetapi bergantunglah kepada Allah yang hidup, yang melimpahkan segala sesuatu kepada kita untuk dinikmati. ¹⁸ Hendaklah mereka berbuat baik,

supaya mereka kaya dengan amal kebajikan, sedia memberi, rela berkongsi. ¹⁹ Dengan demikian mereka meletakkan asas yang teguh bagi diri mereka untuk hari kemudian supaya mereka dapat hidup kekal kelak.

²⁰ Wahai Timotius, jagalah apa yang telah diamanahkan kepadamu. Jauhi bebelan dan pertengkaran yang bercorak duniawi serta sia-sia, kononnya atas nama ilmu pengetahuan; ²¹ dengan menyuarakannya sesetengah orang telah sesat dalam hal iman.

Semoga kasih kurnia menyertai kamu. ^o

^o**6:21** Atau: Semoga Allah memberkatimu.

2 TIMOTIUS

1 ¹ Daripada Paulus, rasul Kristus Yesus, dengan kehendak Allah, menurut apa yang telah dijanjikan, iaitu hidup dalam Kristus Yesus, ² Kepada Timotius, anakku yang dikasihi:
Semoga Allah Bapa dan Kristus Yesus, Tuhan kita, menganugerahimu kasih kurnia, belas kasihan dan damai sejahtera.

Kesetiaan dalam iman

³ Aku bersyukur kepada Allah yang kusembah dengan hati nurani yang suci sebagaimana telah dilakukan oleh nenek moyangku. Aku sentiasa menginglatimu dalam doaku siang malam. ⁴ Apabila aku mengenang air matamu, aku sungguh ingin bertemu kembali denganmu supaya hatiku dipenuhi rasa bahagia. ⁵ Aku juga mengingati imanmu yang tulus ikhlas, yang mula tersemai dalam jiwa nenekmu Lois dan ibumu Eunike, dan aku yakin bertapak dalam dirimu juga. ⁶ Oleh itu, aku mengingatkanmu supaya menggerakkan kurnia Allah yang berada dalam dirimu sejak aku meletakkan tangan ke atasmu.

⁷ Allah tidak memberi kita roh ketakutan, tetapi kuasa, kasih dan tatatertib.

⁸ Oleh yang demikian, janganlah berasa malu untuk memberikan kesaksian tentang Tuhan kita atau malu bahawa aku terpenjara kerana-Nya, tetapi ikut serta menanggung penderitaan kerana Injil menurut kuasa Allah. ⁹ Allah menyelamatkan kita dan memanggil kita untuk hidup suci, bukanlah kerana amalan yang telah kita lakukan, tetapi kerana tujuan dan kasih kurnia-Nya yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita dalam Kristus Yesus sebelum permulaan zaman.

¹⁰ Sekarang segala ini telah dinyatakan dengan kedatangan Penyelamat kita Kristus Yesus, yang melenyapkan kematian dan memberikan penerangan tentang hidup kekal selama-lamanya melalui Injil.

¹¹ Aku telah ditugaskan menjadi seorang daripada pemberita Injil, rasul, dan guru. ¹² Oleh itu, aku menanggung segala penderitaan ini. Namun demikian, aku tidak berasa malu, kerana aku tahu akan Tuhan yang kupercayai dan aku yakin Dia dapat memelihara apa yang kuserahkan kepada-Nya hingga pada Hari itu. ¹³ Berpegang teguhlah kepada rangkaian kata-kata benar yang telah kamu dengar daripadaku, dengan iman dan

kasih dalam Kristus Yesus. ¹⁴ Peliharalah perkara baik^p yang diamanahkan kepadamu dengan Roh Kudus yang berada dalam diri kita.

¹⁵ Kamu tahu bahawa semua yang di Asia telah berpaling daripadaku, termasuk Figelus dan Hermogenes. ¹⁶ Semoga Tuhan menunjukkan belas kasihan kepada Onesiforus sekeluarga, kerana dia sering menyegarkan tubuh dan jiwaku, serta tidak malu bahawa aku dipenjarakan, ¹⁷ malah apabila dia tiba di Roma, dia telah mencariku sedaya upaya sehingga bertemu.

¹⁸ Semoga Tuhan mengurniainya supaya mendapat belas kasihan daripada-Nya pada Hari itu! Engkau cukup mengetahui pelbagai cara dia telah menolongku di Efesus.

2 ¹ Anakku, kuatkan dirimu dengan kasih kurnia yang ada dalam Kristus Yesus. ² Segala yang telah kaudengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula.

³ Kamu mestilah ikut serta menanggung kesusahan sebagai seorang askar yang baik di bawah Kristus Yesus. ⁴ Seseorang yang memegang tugas dalam peperangan tidak akan melibatkan dirinya dengan hal ehwal kehidupan

P1:14 Perkara baik: Membawa maksud antaranya kebenaran dan Injil yang diamanahkan kepada Timotius.

ini, supaya dia mendapat keredaan orang yang mengambilnya sebagai askar. ⁵ Demikian juga jika seseorang menyertai pertandingan olahraga, dia tidak akan mendapat mahkota kemenangan melainkan dia bertanding mengikut semua peraturan. ⁶ Petani yang telah bertungkus-lumus, pasti dialah yang pertama menikmati hasil tanaman. ⁷ Fikirkan kata-kataku kerana Tuhan akan mengurniaimu pengertian dalam semua perkara.

⁸ Ingatlah bahawa Yesus Kristus, keturunan Daud, telah dibangkitkan daripada kematian menurut Injil yang kusampaikan, ⁹ yang kerananya aku menderita seolah-olah aku seorang penjahat, sehingga dipenjarakan. Tetapi firman Allah tidak mungkin dipenjarakan. ¹⁰ Oleh itu, aku menanggung segalanya untuk mereka yang terpilih, supaya mereka juga mendapat penyelamatan dalam Kristus Yesus dengan kemuliaan yang kekal.

¹¹ Kata-kata ini benar:

Jika kita mati bersama-Nya,
kita juga akan hidup bersama-Nya;

¹² jika kita tabah,
kita juga akan memerintah bersama-Nya.
Jika kita menyangkal-Nya,

Dia juga akan menyangkal kita;
¹³ jika kita tidak setia,
Dia tetap setia,
Dia tidak boleh menyangkal diri-Nya.

Pekerja yang diredai Allah

¹⁴ Ingatkan mereka tentang segala ini. Pesan kepada mereka di hadapan Allah supaya jangan bertengkar sia-sia tentang kata-kata, sehingga membinasakan orang yang mendengar. ¹⁵ Berusahalah supaya ternyata kamu diredai Allah, seorang pekerja yang tidak perlu berasa malu, yang menyebarkan kebenaran dengan sewajarnya. ¹⁶ Jauhi percakapan yang bercorak duniawi dan sia-sia, kerana ini akan menambah kemungkarannya. ¹⁷ Kata-kata mereka akan merebak seperti penyakit barah, Himeneus dan Filetus termasuk orang begini. ¹⁸ Mereka telah sesat dalam hal kebenaran. Mereka berkata bahawa kebangkitan daripada kematian telah berlalu, dan mereka merosakkan iman sesetengah orang. ¹⁹ Namun demikian, asas kukuh Allah tetap bertapak, diteguhkan dengan materai ini: “Tuhan mengenal siapa milik-Nya,” dan “Setiap orang yang menyebut nama Tuhan hendaklah meninggalkan kejahatan.”

²⁰ Tetapi di dalam rumah yang besar bukan hanya ada bekas daripada emas dan perak tetapi juga daripada kayu dan tanah liat, sesetengahnya untuk kegunaan mulia dan sesetengahnya untuk kegunaan cemar. ²¹ Dengan demikian, jika seseorang membersihkan dirinya daripada kecemaran, dia akan menjadi bekas untuk kegunaan mulia, berguna kepada Tuannya, dan bersedia untuk melakukan kerja yang baik. ²² Singkirkan hawa nafsu muda. Berusaha mengamalkan perbenaran,^q iman, kasih dan kesejahteraan bersama mereka yang menyeru Tuhan dengan hati yang suci. ²³ Jauhi perbahasan yang sia-sia dan jahil, kerana kamu tahu semua ini mencetuskan perkelahian. ²⁴ Hamba Tuhan tidak harus berkelahi. Sebaliknya, mereka mestilah lemah lembut kepada semua orang, pandai mengajar, sabar, dan ²⁵ dengan rendah hati menegur orang yang menentang, semoga Allah membukakan hati mereka untuk bertaubat supaya mereka mengenal kebenaran, ²⁶ lalu mereka menjadi waras semula dan terlepas daripada cengkaman Iblis yang

^q**2:22** Terjemahan lain: Kebenaran. Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

telah memerangkap mereka untuk melakukan kehendaknya.

Kemungkaran pada akhir zaman

3¹ Ketahuilah, bahwa pada akhir zaman, akan datang suatu masa yang sukar. ² Manusia akan menjadi pencinta diri, pencinta wang, bercakap besar, berlagak bongkak, mencaci maki, ingkar terhadap ibu bapa, tidak bersyukur, tidak suci, ³ tidak mengasihi, tidak mengampuni, suka memfitnah, tidak menguasai diri, buas dan pembenci kebaikan, ⁴ khianat, gopoh, angkuh, serta lebih mencintai keseronokan daripada mengasihi Allah. ⁵ Mereka menjalankan kewajipan agama^r tetapi menyangkal kuasanya. Jauhilah orang demikian. ⁶ Dalam kalangan mereka ada yang masuk secara rahsia ke rumah orang dan memerangkap perempuan lemah, yang dibebani dosa serta dipengaruhi pelbagai keinginan. ⁷ Perempuan-perempuan ini sentiasa belajar tetapi tidak menerima kebenaran. ⁸ Sebagaimana Yanes dan Yambres melawan Musa dahulu, demikianlah orang ini menentang ajaran yang benar – mereka tidak berfikiran

^r**3:5** Atau: Mereka kelihatan seolah-olah bersikap keagamaan.

3:8: Kel 7:11.

waras dan telah menyeleweng daripada iman sebenar. ⁹ Namun mereka tidak akan berjaya lebih jauh lagi, kerana semua orang akan menyedari kebodohan mereka, seperti halnya dengan Yanes dan Yambres dahulu.

Perintah Paulus untuk Timotius

¹⁰ Tetapi kamu telah mengikut dengan penuh hemat segala ajaranku, cara hidupku, tujuan hidupku, imanku, kesabaranku, kasihku dan ketabahanku. ¹¹ Engkau telah melihat penganiayaan dan kesengsaraan serta segala yang menimpaku di Antiokhia, Ikonium dan Listra – betapa penganiayaan yang kutanggung. Akan tetapi, Tuhan telah menyelamatkanmu daripada semuanya itu. ¹² Memang, semua orang yang ingin hidup warak dalam Kristus Yesus akan dianiaya. ¹³ Orang durjana dan penipu akan bertambah durjana, memperdaya serta diperdaya. ¹⁴ Tetapi kamu mestilah terus berpegang kepada segala yang telah kamu pelajari dan yakini, kerana kamu tahu daripada siapa segalanya telah kamu pelajari, ¹⁵ dan sejak kecil kamu telah mengenal Kitab Suci yang dapat memberimu kebijaksanaan untuk diselamatkan melalui iman dalam Kristus Yesus. ¹⁶ Seluruh

Kitab Suci diilhamkan oleh Allah^s, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran.^{t 17} Dengan demikian, tiap-tiap orang yang mengabdikan diri kepada Allah akan dilengkapi sepenuhnya untuk melakukan segala kerja yang baik.

4¹ Di hadirat Allah dan Kristus Yesus yang akan menghakimi mereka yang hidup dan yang mati, dan demi kedatangan-Nya serta kerajaan-Nya, aku menyerumu: ² Beritakanlah firman Allah, bersedialah pada setiap masa, baik masanya sesuai mahupun tidak. Tunjukkan apa yang salah, tegur dan nasihati mereka dengan seluruh kesabaran dan ajaran, ³ kerana akan sampai masanya mereka tidak menerima ajaran yang benar, tetapi mengumpulkan ramai guru mengikut kehendak mereka sendiri untuk mengajar apa yang ingin didengar oleh mereka. ⁴ Mereka enggan mendengar ajaran yang benar tetapi menumpukan perhatian kepada cerita-cerita dongeng. ⁵ Tetapi kamu, berwaspadalah dalam segala hal, tabah menanggung kesusahan, jalankan kerja menyebarkan Injil dan laksanakan

^s**3:16** Terjemahan lain: ‘Seluruh Kitab Suci diwahyukan oleh Allah.’ Harfiah: θεόπνευστος (theopneustos) iaitu ‘hembusan nafas Allah.’

^t**3:16** Atau:Ke arah hidup yang benar.

tugas yang diamanahkan kepadamu dengan sempurna.

⁶ Tentang diriku, kini aku laksana minuman yang sedang dituangkan sebagai persembahan kepada Allah, dan sudah hampir masanya aku pergi menghadap-Nya. ⁷ Aku telah berjuang dalam perjuangan mulia ini, aku telah sampai ke garis akhir, aku telah setia dalam iman. ⁸ Sekarang mahkota perbenaran^u telah disediakan untukku. Tuhan, Hakim yang adil itu, akan mengurniaknya kepadaku pada Hari itu, bukan kepadaku sahaja, tetapi kepada semua orang yang merindu kedatangan-Nya.

Nasihat akhir

⁹ Berusahalah untuk mengunjungiku dengan segera. ¹⁰ Demas telah meninggalkanku kerana dia mencintai dunia ini, dia telah bertolak ke Tesalonika. Kreskes pula telah pergi ke Galatia dan Titus ke Dalmatia. ¹¹ Hanya Lukas ada

^u**4:8** Terjemahan lain: Kebenaran. Perkataan, 'perbenaran' dalam bahasa asal, 'dikaiosunē,' sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

4:10 a: Kol 4:14; Flm 1:24; **b:** 2Kor 8:23; Gal 2:3; Tit 1:4.

4:11 a: Kol 4:14; Flm 1:24; **b:** Kis 12:12,25; 13:13; 15:37-39; Kol 4:10; Flm 1:24.

bersamaku. Dapatkan Markus dan bawa dia denganmu, kerana dia dapat membantuku dalam tugasku. ¹² Aku telah mengutus Tikhikus ke Efesus. ¹³ Apabila kamu datang kelak, bawa baju jubah yang kutinggalkan dengan Karpus di Troas dan juga kitab-kitabku, terutamanya gulungan kulit.

¹⁴ Aleksander,^v tukang tembaga itu, telah banyak melakukan kejahatan kepadaku. Semoga Tuhan membalasnya setimpal dengan perbuatannya. ¹⁵ Kamu juga harus waspada dengannya, kerana dia menentang keras perkhabaran kita.

¹⁶ Ketika aku membela diriku pada kali pertama, tiada seorang pun berdiri di sisiku, semuanya meninggalkanku. Semoga Allah tidak menyalahkan mereka kerananya. ¹⁷ Tetapi Tuhan menyertaiku dan memberiku kekuatan, supaya berita baik dapat dikhabarkan sepenuhnya melaluiku, dan semua bangsa asing bukan daripada bani Israel dapat mendengarnya. Juga aku telah diselamatkan daripada mulut singa. ¹⁸ Tuhan akan menyelamatkanku daripada segala perbuatan durjana dan memeliharaaku

^v**4:14** Nama lain: Iskandar.

4:12: Kis 20:4; Ef 6:21,22; Kol 4:7,8. **4:13:** Kis 20:6.

4:14 a: 1Tim 1:20; **b:** Mzm 62:12; Rm 2:6.

untuk kerajaan-Nya di syurga. Segala kemuliaan bagi-Nya untuk selama-lamanya. Amin.

Salam akhir

¹⁹ Sampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, serta keluarga Onesiforus. ²⁰ Erastus tinggal di Korintus, tetapi Trofimus kutinggalkan di Miletus kerana dia sakit. ²¹ Cubalah sedaya upayamu untuk datang sebelum musim dingin.

Ebulus berkirim salam kepadamu, demikian juga Pudens, Linus, Klaudia dan semua saudara seiman yang lain.

²² Semoga Tuhan bersama rohmu.

Semoga kasih kurnia Allah menyertaimu.

4:19 a: Kis 18:2; **b:** 2Tim 1:16,17.

4:20 a: Kis 19:22; Rm 16:23; **b:** Kis 20:4; 21:29.

TITUS

1 ¹ Daripada Paulus, sebagai hamba Allah dan rasul Yesus Kristus demi iman semua orang pilihan Allah dan pengetahuan akan kebenaran yang menghasilkan kesalihan. ² Iman dan pengetahuan itu berasaskan harapan untuk memperoleh hidup yang kekal. Allah tidak berdusta, Dia telah menjanjikan hidup ini sebelum permulaan zaman. ³ Pada masa yang telah ditentukan, Allah menyatakan janji itu melalui perkhabaran-Nya yang diamanahkan kepadaku. Aku menyebarkan perkhabaran ini dengan perintah Allah Penyelamat kita,

⁴ Kepada Titus, kamu seperti anakku sendiri dalam iman kita yang sama:

Semoga Allah Bapa dan Kristus Yesus Penyelamat kita menganugerahimu kasih kurnia dan damai sejahtera.

Tugas Titus di Kreta

⁵ Aku telah meninggalkanmu di Kreta supaya kamu dapat melaksanakan segala hal yang masih perlu diselesaikan serta melantik tua-tua

di setiap kota seperti yang telah kuarahkan kepadamu. ⁶ Seorang tua-tua hendaklah tidak bercela, dan beristeri seorang sahaja, manakala anak-anaknya haruslah hidup beriman dan tidak dapat dituduh berkelakuan liar serta ingkar.

⁷ Ini perlu kerana seorang penyelia jemaah memegang tugas mengendalikan pekerjaan Allah. Oleh yang demikian, dia mestilah tidak bercela – tidak menindas orang lain, tidak pemaarah, tidak pemabuk, tidak ganas, dan tidak rakus. ⁸ Dia haruslah bersifat mesra, mencintai kebaikan, pandai menguasai diri, tulus, suci dan tertib. ⁹ Dia mesti berpegang teguh pada perkhabaran yang layak dipercayai serta selaras dengan asas iman. Dengan demikian dapatlah dia menggalakkan orang menerima ajaran yang benar dan menunjukkan kesilapan mereka yang menentang ajaran itu.

¹⁰ Sebabnya ada ramai pemberontak, orang yang bercakap kosong dan penipu, terutamanya orang yang dahulunya daripada mazhab persunatan. ¹¹ Mulut mereka mesti ditutupkan kerana mereka telah memesongkan seisi keluarga orang dengan mengajar ajaran yang tidak patut – untuk mendapat keuntungan yang haram. ¹² Seorang nabi mereka dari Kreta pernah

berkata, “Orang Kreta pembohong. Mereka rakus dan malas laksana binatang buas.”¹³ Kata-kata kesaksian itu memang benar. Oleh itu tegurlah mereka dengan tegas supaya iman mereka kukuh¹⁴ dan tidak terpengaruh dengan cerita karut orang Yahudi atau perintah-perintah yang dikenakan oleh orang yang menolak ajaran yang benar.¹⁵ Bagi orang yang suci, segala-galanya suci. Sebaliknya bagi orang yang fikirannya dinodai dosa dan tidak percaya akan kebenaran, tiada suatu pun yang suci, kerana jiwa dan hati nuraninya sudah tercemar.¹⁶ Mereka mendakwa mereka mengenal Allah, tetapi perbuatan mereka tidak membuktikan dakwaan ini. Mereka terkutuk, ingkar kepada Allah, dan tidak dapat melakukan sesuatu yang baik.

Tanggungjawab orang tua dan muda

2¹ Kamu harus sampaikan ajaran yang selaras dengan asas kepercayaan yang benar.² Nasihatilah lelaki yang lebih tua supaya hidup sederhana, dihormati orang, mempunyai penguasaan diri, kuat beriman, penuh dengan kasih dan kegigihan.³ Seterusnya nasihatilah perempuan yang lebih tua supaya berkelakuan santun: jangan menjadi pengumpat, pemabuk, sebaliknya ajarkanlah kebaikan.⁴ Dengan demikian dapatlah perempuan yang lebih

tua membimbing perempuan muda supaya mengasihi suami dan anak-anak, ⁵ pandai mengawal diri, suci, menjadi suri rumah yang rajin, baik hati, dan taat kepada suami. Maka tidaklah dapat orang mencela perkhabaran Allah.

⁶ Orang lelaki muda pula, nasihatilah mereka supaya mengawal diri. ⁷ Jadilah teladan kepada mereka dengan melakukan perbuatan yang baik. Ajarlah mereka dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh ⁸ dan gunakan kata-kata bijak yang tidak dapat dicela, supaya musuhmu malu kerana gagal mencari kesalahan kita.

⁹ Ajarkan hamba supaya mematuhi perintah dan menyenangkan hati tuannya dalam semua perkara. Hamba tidak harus membantah ¹⁰ atau mencuri, sebaliknya hendaklah sentiasa amanah sehingga dalam segala hal mereka menjadikan ajaran tentang Allah Penyelamat kita itu menarik.

¹¹ Hal ini demikian kerana kasih kurnia Allah yang menyelamatkan seluruh umat manusia telah nyata. ¹² Kita diajar supaya hidup warak, tidak memburu keinginan duniawi, mengawal diri, ikhlas, dan menghormati Allah pada zaman ini. ¹³ Kita sedang menunggu hari yang penuh berkat yang kita harap-harapkan, ketika kemuliaan Allah Maha Besar dan Yesus Kristus

Penyelamat kita akan terserlah. ¹⁴ Kristus telah mengorbankan nyawa-Nya untuk membebaskan kita daripada segala kejahatan, menyucikan kita, menjadikan kita milik-Nya serta mendorong kita berbuat baik.

¹⁵ Ajarkanlah segala ini, dan galakkan serta tegur semua yang mendengar kata-katamu dengan penuh wibawa. Jangan biarkan sesiapa memandang rendah kepadamu.

Melakukan apa yang baik

3 ¹ Nasihati jemaahmu supaya taat akan pemerintah dan penguasa, serta sentiasa bersedia melakukan kebaikan. ² Larang mereka mengumpat atau bertengkar, dan dorong mereka bersikap ramah-tamah serta lemah lembut kepada semua orang. ³ Dahulu kita juga bodoh, ingkar dan sesat. Kita dikuasai pelbagai nafsu dan keinginan. Kita hidup dengki-mendengki dan benci-membenci. ⁴ Tetapi Allah Penyelamat kita menunjukkan belas ihsan dan kasih-Nya kepada kita. ⁵ Allah menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan^w benar yang kita lakukan, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Dia menyelamatkan kita melalui pentahiran kelahiran semula dan

^w**3:5** Atau: Kerja amal.

2:14 a: Mzm 130:8; **b:** Kel 19:5; Ul 4:20; 7:6; 14:2; 1Ptr 2:9.

melalui pembaharuan yang dilakukan Roh Kudus. ⁶ Allah melimpahkan Roh Kudus itu kepada kita melalui Yesus Kristus, Penyelamat kita. ⁷ Maka dengan kasih kurnia-Nya kita sudah diperbenarkan untuk menjadi anak waris yang mendapat hidup kekal yang kita harapkan. ⁸ Kata-kata ini benar. Berikanlah perhatian terhadap hal-hal tersebut, supaya orang yang beriman kepada Allah berusaha sepenuhnya untuk melakukan segala yang baik serta bermanfaat kepada semua orang.

⁹ Sebaliknya, jauhilah perbahasan yang sia-sia, perbuatan menyusur galur nenek moyang, pertengkaran dan pertikaian tentang hukum Taurat. Segala ini tidak membawa faedah. ¹⁰ Berikan amaran kepada sesiapa yang menyebabkan perpecahan dalam kalangan jemaah. Nasihati dia sekurang-kurangnya dua kali; jika dia tidak berubah, jauhilah dia. ¹¹ Kamu tahu bahawa orang yang demikian itu sesat dan berdosa; dia menjatuhkan hukuman atas dirinya sendiri.

Salam akhir

¹² Apabila aku mengutus Artemas atau Tikhikus kepadamu, cubalah seberapa daya

mengunjungi di Nikopolis, kerana aku telah membuat keputusan akan berada di situ pada musim dingin. ¹³ Berikanlah sepenuh bantuan kepada peguam yang bernama Zenas dan kepada Apolos, supaya mereka dapat memulakan perjalanan tanpa kekurangan apa-apa. ¹⁴ Jemaah kita haruslah mengamalkan kebajikan untuk membantu orang yang memerlukan pertolongan. Dengan demikian bergunalah hidup mereka.

¹⁵ Semua saudara yang bersamaku berkirим salam kepada sahabat-sahabat seiman.

Semoga kasih kurnia menyertai kamu semua.

FILEMON

1 ¹ Daripada Paulus yang dipenjarakan kerana Kristus Yesus, dan daripada saudara kita Timotius,

Kepada Filemon, sahabat kami dan teman sekerja yang dikasihi, ² kepada saudari kita Apfia, dan kepada rakan seperjuangan kita Arkhipus, serta kepada jemaah yang berhimpun di rumahmu:

³ Semoga Allah Bapa kita dan Tuhan Yesus Kristus menganugerahimu kasih kurnia dan damai sejahtera.

Ucapan syukur

⁴ Saudaraku Filemon, aku sentiasa bersyukur kepada Allahku dan menyebut namamu dalam doaku, ⁵ kerana aku mendengar tentang imanmu kepada Tuhan Yesus, dan kasihmu terhadap semua orang salih. ⁶ Aku berdoa semoga persaudaraan kita sebagai orang yang beriman kepada Kristus akan membawa pengertian yang lebih mendalam tentang segala yang baik yang kita miliki dalam Kristus. ⁷ Saudaraku

Filemon, kasihmu sungguh menggembirakan dan menggalakkan hatiku kerana kamu telah menyegarkan hati sekalian orang salih.

Rayuan Paulus bagi pihak Onesimus

⁸ Oleh itu, aku mempunyai kebebasan dalam Kristus untuk memerintahkan kamu membuat sesuatu yang harus dilakukan. ⁹ Namun demikian, kerana aku mengasihimu, aku hanya meminta kamu membuatnya. Aku Paulus, seorang yang sudah tua dan kini dipenjarakan kerana Kristus Yesus. ¹⁰ Aku membuat permintaan ini bagi pihak Onesimus, yang telah kujadikan sebagai anakku sendiri sewaktu aku di dalam penjara. ¹¹ Dahulu dia tidak berguna bagimu, tetapi sekarang dia berguna bukan sahaja bagimu malah juga bagiku.

¹² Aku menghantar kembali kepadamu Onesimus yang amat kukasihi. ¹³ Sebenarnya aku mahu dia tetap bersamaku di sini untuk membantuku bagi pihakmu sepanjang tempoh aku dipenjarakan kerana menyebarkan Injil. ¹⁴ Namun demikian, aku tidak mahu memaksa kamu membantuku. Biarlah bantuan itu kamu hulkan dengan rela hati. Oleh itu, aku tidak mahu berbuat apa-apa tanpa persetujuanmu.

¹⁵ Mungkin Onesimus meninggalkanmu untuk sementara waktu supaya kamu mendapatnya kembali untuk selama-lamanya. ¹⁶ Kini dia bukan hanya seorang hamba, dia saudara yang dikasihi. Dia amat bererti bagiku, dan tentulah lebih bererti bagimu, baik sebagai hamba mahupun sebagai saudara dalam Tuhan.

¹⁷ Oleh itu, sekiranya kamu menganggapku sebagai rakan sekerja, sambutlah dia kembali seperti kamu menyambutku. ¹⁸ Jika ada kesalahannya atau hutangnya kepadamu, biarlah aku yang menanggungnya. ¹⁹ Lihatlah, kata-kata yang berikut kuterakan dengan tulisanku sendiri: Aku, Paulus, akan menyelesaikan segala-galanya – Aku tidak perlu mengingatkan kamu bahawa kamu berhutang kepadaku dirimu sendiri. ²⁰ Saudaraku, semoga aku mendapat pertolonganmu dalam Tuhan. Segarkanlah hatiku dalam Kristus.

²¹ Ketika menulis surat ini, aku yakin bahawa kamu akan menunaikan permintaanku. Malah sebenarnya aku tahu bahawa lebih daripada yang kuminta itu pun akan kamu lakukan.

²² Sementara itu, sediakanlah bilik untukku di rumahmu, kerana aku berharap Allah akan mengabulkan doa kamu semua semoga aku kembali kepadamu.

Ucapan akhir Paulus

²³ Epafras, yang dipenjarakan bersamaku kerana Kristus Yesus, berkirim salam kepadamu. ²⁴ Juga sambutlah salam rakan-rakan seperjuanganku: Markus, Aristarkhus, Demas dan Lukas.

²⁵ Semoga kasih kurnia Tuhan Yesus Kristus menyertai roh kamu semua.

1:23: Kol 1:7; 4:12. **1:24 a:** Kis 12:12,25; 13:13; 15:37-39; Kol 4:10; **b:** Kis 19:29; 27:2; Kol 4:10; **c:** Kol 4:14; 2Tim 4:10; **d:** Kol 4:14; 2Tim 4:11.

IBRANI

Allah berfirman melalui Anak-Nya

1 ¹ Allah telah berfirman pada pelbagai zaman dan dengan aneka cara kepada nenek moyang kita melalui nabi-nabi. ² Tetapi pada akhir zaman ini Allah telah berfirman kepada kita melalui Anak-Nya, yang telah dijadikan-Nya pewaris kepada segala-galanya; melalui Anak-Nya itu Allah telah mencipta alam semesta. ³ Anak itu adalah sinar gemilang kemuliaan Allah dan gambaran sempurna kewujudan-Nya. Dia memelihara segala-segalanya dengan kekuasaan firman-Nya. Setelah menghapuskan dosa kita melalui diri-Nya sendiri, Dia duduk di sebelah kanan Yang Maha Mulia yang bertakhta di syurga.

⁴ Diri-Nya jauh lebih baik daripada para malaikat; kerana melalui warisan, Dia telah mendapat nama yang lebih cemerlang daripada mereka.

⁵ Kepada malaikat manakah Allah pernah berfirman:

“Engkau Anak-Ku,

pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu”?

Dan juga:

“Aku akan menjadi Bapa-Nya,
dan Dia akan menjadi Anak-Ku”?

⁶ Selanjutnya, apabila Allah menghantar Anak sulung-Nya ke dalam dunia maka firman-Nya:

“Hendaklah semua malaikat Allah menyembah-Nya.”

⁷ Dan tentang para malaikat, Dia berfirman:

“Dia menjadikan para malaikat-Nya angin,
dan para pelayan-Nya nyala api.”

⁸ Tetapi tentang Anak itu Dia berfirman:

“Takhta-Mu, ya Allah, kekal selama-lamanya;
Tongkat kebenaran ialah tongkat kerajaan-Mu.

⁹ Engkau telah mencintai apa yang benar dan membenci apa yang jahat;

Oleh itu Allah, Allah-Mu, telah mengurapi-Mu dengan minyak kebahagiaan lebih daripada teman-teman-Mu.”

¹⁰ Dan:

“Pada mulanya, Engkau, ya Tuhan, yang meletakkan asas bumi,
dan seluruh langit adalah hasil kerja tangan-Mu;

1:6: Ul 32:43. **1:7:** Mzm 104:4. **1:8:** Mzm 45:6,7.

1:10: Mzm 102:25-27.

¹¹ Bumi dan langit akan binasa tetapi Engkau kekal;
dan segalanya akan menjadi usang seperti pakaian;

¹² Seperti jubah, Engkau akan menggulungnya;
seperti baju yang ditukar,
semuanya akan diubah.

Tetapi Engkau tetap sama,
dan zaman-Mu tidak berkesudahan.”

¹³ Tetapi kepada malaikat manakah Allah pernah berfirman:

“Duduklah di sebelah kanan-Ku,
sehingga Aku menjadikan musuh-Mu alas kaki-Mu”?

¹⁴ Bukankah semua malaikat itu roh-roh pelayan yang dihantar untuk melayani manusia yang akan mewarisi penyelamatan?

Amaran supaya berwaspada

2 ¹ Oleh itu, kita harus memberikan perhatian yang lebih kepada segala yang telah kita dengar; takut kita hanyut kelak. ² Jika firman yang disampaikan melalui para malaikat terbukti benar, dan setiap pelanggaran serta keingkaran mendapat balasan yang setimpal, ³ bagaimana kita mungkin terlepas daripadanya

jika kita mengabaikan penyelamatan yang sedemikian besar? Pada mulanya Tuhan telah menyebutkannya, dan kemudian orang yang telah mendengar kata-kata-Nya itu turut mengesahkannya. ⁴ Allah juga telah memberikan kesaksian dengan pelbagai tanda, keajaiban, mukjizat dan pengurniaan Roh Kudus, menurut kehendak-Nya sendiri.

⁵ Dia tidak meletakkan dunia akan datang, yang kita perkatakan ini, di bawah takluk para malaikat. ⁶ Tetapi terdapat seorang yang telah memberikan kesaksian di suatu tempat:

“Apakah manusia maka Engkau memberinya perhatian,

Apakah anak manusia maka Engkau memeliharanya?

⁷ Engkau telah menjadikannya rendah sedikit daripada malaikat;

Engkau memahkotakannya dengan kemuliaan dan kehormatan,

⁸ dan Engkau meletakkan segala-galanya tertakluk di bawah kakinya.”

Dengan meletakkan segala-galanya tertakluk di bawahnya, Allah tidak meninggalkan suatu apa pun di luar kekuasaannya. Tetapi sekarang kita

masih belum melihat segala-galanya diletakkan di bawahnya.

Yesus dijadikan rendah seketika

⁹ Tetapi kita melihat Yesus, yang dijadikan rendah sedikit daripada malaikat, dimahkotakan dengan kemuliaan dan kehormatan kerana telah menderita kematian; supaya Dia, dengan kasih kurnia Allah, mengalami kematian untuk setiap manusia. ¹⁰ Allah, yang segala-galanya adalah untuk-Nya dan segala-galanya dicipta oleh-Nya, membawa beberapa ramai anak-Nya kepada kemuliaan. Memang wajarlah Dia menjadikan Perintis penyelamatan mereka itu sempurna melalui penderitaan.

¹¹ Dia yang menyucikan dan mereka yang disucikan adalah satu asalnya. Oleh itu, Dia tidak malu memanggil mereka saudara-saudara. ¹² Dia berkata:

“Aku akan mengisytiharkan nama-Mu kepada saudara-saudara-Ku;

Di tengah-tengah perhimpunan Aku akan menyanyikan pujian untuk-Mu.”

¹³ Dan juga:

“Aku akan meletakkan kepercayaan-Ku kepada-Nya.”

Seterusnya:

“Lihatlah, ini Aku dan anak-anak yang telah diberikan Allah kepada-Ku.”

¹⁴ Oleh sebab anak-anak itu telah mendapat tubuh manusia, Dia sendiri pun mendapatkannya, supaya melalui kematian Dia dapat memusnahkan Iblis yang berkuasa atas kematian, ¹⁵ dan membebaskan mereka yang tertakluk kepada belenggunya seumur hidup kerana takut mati. ¹⁶ Dia tidak memberi pertolongan kepada para malaikat, tetapi Dia memberi pertolongan kepada keturunan Abraham. ¹⁷ Dengan demikian, dalam segala hal Dia harus disamakan dengan saudara-saudaranya, supaya Dia menjadi Imam Besar yang berpengasih dan setia dalam segala yang berkenaan dengan Allah, untuk menebus dosa umat manusia. ¹⁸ Oleh sebab Dia sendiri telah menderita, menghadapi godaan, maka Dia dapat menolong orang yang menghadapi godaan.

Yesus lebih tinggi daripada Musa

3 ¹ Dengan demikian, saudara-saudara yang salih, yang juga mendapat bahagian dalam panggilan dari syurga, fikirkanlah Rasul dan Imam Besar yang kita akui, Yesus Kristus.

² Dia setia kepada Allah yang melantik-Nya, sebagaimana Musa juga setia dalam seisi Rumah Allah. ³ Dia dikira layak menerima lebih banyak kemuliaan daripada Musa, sebagaimana pembina rumah lebih dimuliakan daripada rumah. ⁴ Setiap rumah ada peminanya, tetapi Dia yang membina segalanya ialah Allah. ⁵ Musa memang setia dalam seisi Rumah Allah sebagai seorang khadam, untuk kesaksian terhadap segala perkara yang akan dikatakan kemudian. ⁶ Tetapi Kristus setia sebagai Anak ke atas seisi rumah-Nya. Kita adalah isi rumah-Nya jika kita berpegang teguh pada kebahagiaan harapan ini hingga ke akhir.

Amaran terhadap murtad

⁷ Oleh itu, sebagaimana yang dikatakan oleh Roh Kudus:

“Hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya,

⁸ jangan keraskan hatimu seperti dalam pemberontakan dahulu

pada masa cubaan di gurun,

⁹ ketika nenek moyangmu menguji-Ku, menduga-Ku,

meskipun mereka telah melihat perbuatan-Ku selama empat puluh tahun.

¹⁰ Oleh itu, Aku murka dengan keturunan itu, dan Aku berkata, 'Hati mereka sentiasa sesat, dan mereka tidak mengenal jalan-Ku.'

¹¹ Maka Aku bersumpah dalam kemurkaan-Ku, 'Mereka tidak akan masuk ke dalam peristirahatan-Ku.' "

¹² Awaslah, saudara-saudara, jangan ada dalam diri seorang pun daripadamu hati durjana yang tidak beriman lalu berpaling daripada Allah yang hidup. ¹³ Nasihatilah sesama sendiri setiap hari, selagi masih disebut "Hari ini", jangan sampai sesiapa di antaramu menjadi keras hatinya akibat dosa yang memperdaya. ¹⁴ Kita telah mendapat bahagian dalam Kristus jika kita berpegang kepada keyakinan kita yang kita miliki dari mula-mulanya hingga ke akhir,

¹⁵ seperti mana dikatakan:

"Hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya, jangan keraskan hatimu seperti dalam pemberontakan dahulu."

¹⁶ Siapa yang memberontak setelah mendengar? Bukankah semua mereka yang telah dibawa oleh Musa keluar dari Mesir? ¹⁷ Dengan siapakah Allah murka empat puluh tahun? Bukankah dengan mereka yang melakukan dosa, yang bergelimpangan mayat mereka di

gurun? ¹⁸ Dan kepada siapakah Allah bersumpah bahawa mereka tidak akan masuk ke dalam peristirahatan-Nya? Tak lain tak bukan kepada mereka yang tidak taat. ¹⁹ Oleh itu, nyatalah kepada kita bahawa mereka tidak dapat masuk kerana tidak beriman.

Hari peristirahatan yang disediakan Allah

4 ¹ Dengan demikian, oleh sebab janji untuk masuk ke dalam peristirahatan-Nya tetap wujud, kita haruslah bimbang kalau-kalau ada di antaramu yang dikira tidak layak. ² Injil telah disampaikan kepada kita dan kepada mereka; tetapi firman yang didengar mereka tidak menguntungkan mereka kerana tidak berpadu dengan iman. ³ Kita yang telah beriman memang masuk ke dalam peristirahatan itu, sebagaimana firman-Nya:

“Maka Aku bersumpah dalam kemurkaan-Ku,
‘mereka tidak akan masuk ke dalam
peristirahatan-Ku,’ ”

walaupun pekerjaan-Nya telah selesai sejak dunia diasaskan. ⁴ Allah telah berfirman demikian di suatu tempat tentang hari ketujuh: “Dan Allah beristirahat^x pada hari ketujuh daripada segala

^x4:4 Juga bererti: Berhenti atau selesai pekerjaan.

pekerjaan-Nya.”⁵ Kemudian di sini pula: “Mereka tidak akan masuk ke dalam peristirahatan-Ku.”

⁶ Memandangkan sebilangan manusia pasti masuk ke dalam peristirahatan itu, dan mereka yang terlebih dahulu mendengar perkhabaran Injil tidak masuk disebabkan mereka ingkar,⁷ maka Dia menetapkan satu hari lain, dalam firman-Nya kepada Daud, “Hari ini,” setelah sekian lama, iaitu:

“Hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya, jangan keraskan hatimu.”

⁸ Andainya Yosua telah memberikan istirahat kepada mereka, Allah tidak akan berfirman kemudian tentang satu hari lain.⁹ Oleh itu, masih ada peristirahatan Sabat untuk umat Allah.¹⁰ Orang yang telah masuk ke dalam peristirahatan-Nya juga telah berhenti daripada pekerjaannya, sebagaimana Allah telah berhenti daripada pekerjaan-Nya.¹¹ Jadi, marilah kita berusaha untuk masuk ke dalam peristirahatan itu, supaya jangan ada yang gagal kerana mengikut contoh mereka yang ingkar.

¹² Firman Allah hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang dua mata, menembusi ke garis pemisah nyawa dan roh, sendi dan sumsum,

4:5: Mzm 95:11. **4:7:** Mzm 95:7,8.

4:8: Ul 31:7; Yos 22:4. **4:10:** Kej 2:2.

serta mengenal antara fikiran dan niat dalam hati. ¹³ Tidak ada makhluk yang terlindung daripada penglihatan-Nya. Segala-galanya terdedah dan terbuka kepada mata Allah; kepada-Nya nanti kita dipertanggungjawabkan tentang segala perlakuan kita.

Yesus Imam Besar

¹⁴ Memandangkan kita mempunyai Imam Besar yang agung yang telah melalui syurga, iaitu Yesus Anak Allah, marilah kita berpegang teguh pada pengakuan kita. ¹⁵ Kita tidaklah mempunyai Imam Besar yang tidak dapat merasakan kelemahan kita. Sebaliknya dalam segala hal Dia telah menghadapi godaan seperti yang kita hadapi, tetapi Dia tidak melakukan dosa. ¹⁶ Oleh itu, marilah kita tampil dengan berani ke hadapan takhta kasih kurnia, supaya kita mendapat belas kasihan dan kasih kurnia untuk menolong kita ketika kita memerlukannya.

5 ¹ Setiap imam besar daripada kalangan manusia dilantik untuk mewakili manusia dalam hal-hal yang berkaitan dengan Allah, supaya dia dapat memberikan persembahan dan korban untuk menghapuskan dosa. ² Dia dapat merasakan belas kasih kepada mereka yang jahil dan sesat, kerana dia sendiri menghadapi

kelemahan diri. ³ Oleh itu, dia dikehendaki membuat persembahan bukan sahaja untuk menghapuskan dosa orang lain tetapi juga dosanya sendiri. ⁴ Tiada sesiapa pun mengambil kehormatan ini untuk dirinya, kecuali yang dipanggil oleh Allah, seperti Harun.

⁵ Demikian jugalah Kristus, Dia tidak memuliakan diri-Nya untuk menjadi Imam Besar, tetapi Allah telah berfirman kepada-Nya:

“Engkau Anak-Ku,
pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.”

⁶ Allah berfirman juga di suatu tempat lagi:

“Engkau menjadi imam untuk selama-lamanya menurut peraturan Melkisedek.”

⁷ Ketika Yesus hidup sebagai manusia, Dia telah berdoa dan merayu dengan ratap tangis kepada Allah yang berkuasa menyelamatkan-Nya daripada kematian, dan Allah telah mendengarnya kerana kesalihan-Nya. ⁸ Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-Nya. ⁹ Setelah Dia dijadikan sempurna, Dia menjadi sumber penyelamatan yang kekal bagi semua yang mematuhi-Nya.

5:3: Im 9:7. **5:4:** Kel 28:1. **5:5:** Mzm 2:7.

5:6: Mzm 110:4.

5:7: Mat 26:36-46; Mrk 14:32-42; Luk 22:39-46.

¹⁰ Dia dipanggil Allah menjadi Imam Besar menurut peraturan Melkisedek.

Amaran supaya jangan menjadi murtad

¹¹ Tentang ini kami ada banyak untuk dikatakan, namun sukar hendak diterangkan, kerana pendengaranmu sudah tumpul. ¹² Sepatutnya sekarang ini kamu sudah boleh mengajar, tetapi kamu masih perlu diajar lagi tentang asas-asas pertama firman Allah; seolah-olah kamu masih perlu minum susu sahaja, belum boleh menerima makanan pepejal. ¹³ Orang yang hanya boleh minum susu itu tidak mahir dalam ajaran tentang perbenaran,^y kerana dia masih bayi. ¹⁴ Makanan pepejal adalah untuk orang yang sudah dewasa, iaitu mereka yang telah membiasakan akal mereka membezakan baik dengan buruk.

6 ¹ Dengan demikian, marilah kita tinggalkan perbincangan asas ajaran tentang Kristus dan terus beralih kepada kesempurnaan. Usahlah kita letakkan asas lagi, iaitu taubat daripada perbuatan yang sia-sia, dan beriman

^y**5:13** Terjemahan lain: Kebenaran. Perkataan, ‘perbenaran’ dalam bahasa asal, ‘dikaiosunē,’ sukar ditafsirkan tetapi pada amnya merujuk kepada hidup yang benar, adil dan hidup selaras dengan kehendak Allah.

kepada Allah, ² ajaran tentang pembaptisan, penumpangan tangan, kebangkitan daripada kematian, dan hukuman yang kekal. ³ Kita akan melakukannya jika Allah mengizinkan.

⁴ Bagi orang yang pernah mengenal kebenaran, telah mengecap pemberian dari syurga, telah mendapat bahagian dalam Roh Kudus, ⁵ telah merasakan kebaikan firman Allah dan kuasa zaman akan datang, ⁶ jika mereka berpaling, mustahil untuk membawa mereka bertaubat semula, kerana mereka telah menyalib Anak Allah sekali lagi bagi diri mereka serta memalukan-Nya di mata orang ramai.

⁷ Tanah yang menghirup air hujan yang sering menyimpannya, lalu mengeluarkan tanam-tanaman yang berguna bagi orang, adalah diberkati Allah. ⁸ Sebaliknya, jika tanah itu mengeluarkan duri dan lalang, maka ia disingkirkan serta hampir dilaknat, dan akhirnya dibakar.

Berdiri teguh dalam iman

⁹ Namun demikian, saudara-saudara yang dikasihi, sungguhpun kami berkata demikian, kami yakin bahawa perkara yang lebih baik akan berlaku kepadamu, ya, perkara yang mengiringi penyelamatan. ¹⁰ Allah sentiasa adil dan tidak

akan melupakan kerja serta usaha kasih yang telah kamu tunjukkan untuk nama-Nya, iaitu kamu telah dan sedang melayan orang yang salih. ¹¹ Kami mahu setiap orang daripada kamu menunjukkan kesungguhan usaha yang sama untuk memberi sepenuh keyakinan terhadap harapanmu hingga ke akhir. ¹² Janganlah kamu menjadi lembap; teladani mereka yang mewarisi janji itu melalui iman dan kesabaran.

¹³ Apabila Allah berjanji kepada Abraham, Dia tidak mungkin bersumpah dengan nama lain kerana tiada siapa lebih besar daripada-Nya, lalu Dia bersumpah dengan nama-Nya sendiri.

¹⁴ Allah berfirman: “Sesungguhnya, Aku akan memberkatimu dan memperbanyak keturunanmu.” ¹⁵ Dengan demikian, setelah Abraham menanggung kesusahan dengan sabar, dia mendapat janji itu. ¹⁶ Orang memang bersumpah dengan nama yang lebih besar daripada dirinya, dan suatu sumpah sebagai pengesahan mengakhiri segala pertikaian. ¹⁷ Dengan demikian Allah, untuk menunjukkan kepada waris-warisi janji itu bahawa kehendak-Nya tidak mungkin berubah, telah mengesahkannya dengan sumpah. ¹⁸ Dengan adanya dua perkara yang

tidak mungkin berubah, sedangkan Allah tidak mungkin berdusta, maka hati kita tetap. Kita telah lari mencari tempat berlindung untuk berpegang kepada harapan yang dihulurkan kepada kita. ¹⁹ Kita mempunyai harapan ini sebagai sauh kepada jiwa kita, tetap dan teguh, dan masuk sampai ke balik tirai. ²⁰ Di situ perintis jalan telah masuk untuk kita, iaitu Yesus, yang telah menjadi Imam Besar untuk selama-lamanya menurut peraturan Melkisedek.

Imam Melkisedek

7 ¹ Melkisedek ini raja Salem dan imam Allah Yang Maha Tinggi. Dia telah bertemu dengan Abraham yang dalam perjalanan pulang setelah menewaskan raja-raja, lalu dia memberkati Abraham. ² Kepadanya juga Abraham menyerahkan sepersepuluh daripada segala yang dibawanya. Melkisedek mula-mula diterjemahkan sebagai “raja perbenaran”;² kemudian dia dipanggil juga sebagai “raja Salem”, bermakna “raja kesejahteraan.” ³ Dia tidak mempunyai ibu bapa, tidak bersalasilah, tiada tarikh permulaan atau penghabisan hayatnya,

²7:2 Terjemahan lain: Kebenaran.

6:19: Im 16:2. 6:20: Mzm 110:4. 7:1: Kej 14:17-20.

tetapi seperti Anak Allah, dia terus-menerus menjadi imam.

⁴ Sekarang fikirkanlah betapa besarnya orang itu, hinggakan moyang kita Abraham menyerahkan kepadanya sepersepuluh daripada rampasan perangnya. ⁵ Keturunan Lewi yang menerima jawatan imam dikehendaki memungut sepersepuluh hasil daripada kaum itu menurut hukum Taurat, iaitu daripada saudara-saudara mereka, walaupun daripada benih Abraham.

⁶ Tetapi seorang yang bukan daripada keturunan mereka telah menerima bayaran sepersepuluh hasil daripada Abraham dan telah memberkati Abraham, penerima janji-janji Allah. ⁷ Tidak boleh dinafikan bahawa orang yang lebih rendah kedudukannya diberkati oleh orang yang lebih tinggi. ⁸ Di sini manusia biasa yang akan mati menerima bayaran sepersepuluh hasil, tetapi di sana dia menerimanya, yang telah disaksikan hidup berterusan. ⁹ Lewi yang menerima bayaran sepersepuluh hasil pun boleh dikatakan membayarnya melalui Abraham, ¹⁰ kerana dia masih dalam sulbi^a moyangnya apabila Melkisedek berjumpa dengannya.

^a**7:10** Perkataan 'sulbi' bermakna rangka tubuh manusia.

Yesus Kristus sama seperti Melkisedek

¹¹ Oleh itu, kalaulah kesempurnaan didapati daripada keimaman Lewi (kerana di bawahnya orang menerima hukum Taurat), mengapakah perlu bangkitnya seorang imam lagi menurut peraturan Melkisedek, yang tidak dipanggil menurut peraturan Harun? ¹² Dengan berubahnya keimaman, semestinya berubahlah hukum Taurat. ¹³ Dia yang disebut berkaitan segala ini datang daripada suku lain, yang belum pernah menghasilkan imam untuk bertugas di mazbah. ¹⁴ Jelas bahawa Tuhan kita keturunan Yehuda, tetapi tentang suku ini Musa tidak pernah mengatakan sesuatu berkaitan imam-imam.

¹⁵ Jauh lebih jelas lagi jika, seperti Melkisedek, bangkit seorang imam lagi, ¹⁶ yang datang bukan menurut perintah berkenaan hal jasmani, tetapi menurut kuasa hidup yang tidak berkesudahan. ¹⁷ Tentang Dia, telah disaksikan: “Engkau menjadi imam untuk selama-lamanya menurut peraturan Melkisedek.” ¹⁸ Perintah dahulu telah terbatal disebabkan lemah dan tidak berguna, ¹⁹ kerana hukum Taurat tidak menyempurnakan apa-apa pun. Di samping itu, telah dibawa masuk harapan

yang lebih baik, yang membawa kita lebih dekat kepada Allah.

²⁰ Dan semua ini tidaklah dilakukan tanpa sumpah. Imam-imam lain telah diangkat tanpa sumpah. ²¹ Akan tetapi, Yesus Kristus telah menjadi imam dengan sumpah daripada Allah yang berfirman kepada-Nya:

“Tuhan telah bersumpah

dan tidak akan mengubah ketetapan:

‘Engkau menjadi imam selama-lamanya.’ ”

²² Dengan demikian Yesus menjadi jaminan yang lebih kukuh bagi perjanjian yang lebih baik.

²³ Ramai yang telah menjadi imam itu, kerana kematian menghalang mereka daripada berterusan dalam jawatan. ²⁴ Tetapi Yesus, kerana Dia berterusan selama-lamanya, mempunyai keimaman yang tidak mungkin berubah. ²⁵ Oleh itu, Dia dapat menyelamatkan sepenuhnya mereka yang datang kepada Allah melalui-Nya, kerana Dia hidup selama-lamanya untuk berdoa syafaat bagi mereka.

²⁶ Demikianlah Imam Besar yang sesuai bagi kita. Dia suci, tidak bercela, tidak tercemar, terasing daripada orang berdosa, dan telah dijadikan lebih tinggi daripada isi syurga; ²⁷ Imam besar yang dahulu perlu

memperssembahkan korban setiap hari, mula-mula untuk menghapuskan dosa mereka sendiri dan kemudian dosa orang lain. Tetapi Dia tidak perlu berbuat demikian. Dia telah melakukannya sekali untuk selama-lamanya ketika Dia memperssembahkan diri-Nya. ²⁸ Hukum Taurat melantik manusia biasa dengan segala kelemahannya untuk menjadi imam besar. Tetapi firman dan sumpah Allah, yang datang selepas hukum Taurat, melantik Anak yang telah disempurnakan untuk selama-lamanya.

Yesus Imam Besar kita

8 ¹ Pokok segala yang kami katakan: Kita mempunyai Imam Besar yang duduk di sebelah kanan takhta Allah Yang Maha Mulia di syurga. ² Dia ialah Penjawat yang berbakti di tempat suci dan di khemah sejati, yang dibina oleh Tuhan, bukan oleh manusia.

³ Setiap imam besar dilantik untuk membuat persembahan dan korban. Oleh itu, imam besar ini juga mesti ada sesuatu untuk dipersembahkan. ⁴ Sekiranya Dia di bumi, Dia tidaklah menjadi imam, kerana ada imam yang membuat persembahan menurut hukum Taurat. ⁵ Imam di dunia memperssembahkan salinan dan

bayang-bayang perkara di syurga. Demikianlah arahan kepada Musa tatkala dia bersedia untuk membuat khemah itu. Allah berfirman, “Pastikan bahawa engkau membuat segalanya menurut contoh yang ditunjukkan kepadamu di atas gunung itu.”⁶ Tetapi sekarang Dia telah mendapat jawatan yang lebih tinggi, kerana Dia juga menjadi Pengantara bagi perjanjian yang lebih baik, yang diasaskan pada janji-janji yang lebih baik.

⁷ Andainya perjanjian pertama itu tidak bercela, tidaklah perlu diadakan perjanjian lagi.⁸ Tetapi Allah telah mendapati mereka bercela lalu berfirman:

“Lihatlah, akan tiba harinya, firman Tuhan,
apabila Aku membuat perjanjian baru dengan
keturunan kaum Israel

dan dengan keturunan kaum Yehuda –

⁹ tidak seperti perjanjian yang telah Kubuat
dengan nenek moyang mereka

ketika Aku membimbing tangan mereka
untuk membawa mereka keluar dari Tanah
Mesir,

kerana mereka tidak terus-menerus memegang
janji-Ku,
lalu Aku berpaling daripada mereka;

demikian firman Tuhan.

¹⁰ Inilah perjanjian yang akan Kubuat dengan keturunan kaum Israel

selepas zaman itu, Tuhan berfirman.

Aku akan meletakkan hukum-Ku dalam fikiran mereka

dan menuliskannya dalam hati mereka;

Aku akan menjadi Allah mereka,

dan mereka akan menjadi umat-Ku.

¹¹ Tiada seorang pun daripada mereka akan mengajar jirannya,

atau saudaranya dengan berkata, 'Kenalilah Tuhan,'

kerana semuanya akan mengenal-Ku,

daripada yang terkecil kepada yang terbesar.

¹² Aku akan berbelas kasihan terhadap kesalahan mereka;

dan dosa mereka tidak akan Kuingati lagi."

¹³ Dengan menyebut "perjanjian baru," Tuhan telah menjadikan perjanjian pertama dahulu tidak terpakai lagi. Sesuatu yang kian tidak terpakai dan usang sudah sampai masanya untuk lenyap.

Ibadat di bumi dan di syurga

9¹ Perjanjian pertama itu mempunyai rukun-rukun ibadat dan tempat suci di bumi. ² Suatu khemah telah disediakan: di bahagian pertama terdapat kaki pelita, meja dan persembahan roti; ini disebut Tempat Yang Suci. ³ Di balik tirai kedua ialah bahagian khemah yang disebut Tempat Yang Maha Suci. ⁴ Di situ terdapat mazbah perasapan emas, tabut perjanjian yang bersalut emas, bokor emas yang berisi manna, tongkat Harun yang bertunas, dan loh-loh perjanjian. ⁵ Di atasnya terdapat kerubin kemuliaan yang menaungi penutup pendamaian. Perkara ini tidak dapat diperkatakan satu persatu sekarang.

⁶ Setelah segala ini disediakan, imam-imam sentiasa masuk ke bahagian pertama khemah itu dan menyempurnakan ibadat. ⁷ Tetapi ke bahagian kedua, imam besar masuk seorang diri setahun sekali sahaja, tidak boleh tidak membawa darah, yang dipersembhkannya untuk dosa dirinya dan untuk dosa orang lain yang dilakukan akibat kejahilan. ⁸ Roh

9:2 a: Kel 26:1-30; **b:** Kel 25:31-40; **c:** Kel 25:23-30.

9:3: Kel 26:31-33. **9:4 a:** Kel 30:1-6; **b:** Kel 25:10-16; **c:** Kel 16:33; **d:** Bil 17:8-10; **e:** Kel 25:16; Ul 10:3-5.

9:5: Kel 25:18-22. **9:6:** Bil 18:2-6. **9:7:** Im 16:2-34.

Kudus membayangkan bahawa jalan masuk ke Tempat Yang Maha Suci tidak dinyatakan selagi bahagian pertama khemah masih tetap berdiri. ⁹ Ini melambangkan zaman ini, ketika persembahan dan korban dipersembahkan tetapi tidak menjadikan orang yang menjalankan ibadat itu sempurna dari segi hati nurani. ¹⁰ Semua ini hanya soal makanan dan minuman, pelbagai upacara pembasuhan iaitu rukun-rukun lahiriah yang dikenakan hingga sampai masa pembaharuan.

Kristus Pengantara manusia

¹¹ Tetapi Kristus datang sebagai Imam Besar bagi perkara-perkara baik yang akan datang, dengan khemah yang lebih besar dan lebih sempurna, yang bukan buatan manusia, bukan sebahagian daripada kejadian alam. ¹² Bukan dengan darah kambing atau anak lembu, tetapi dengan darah-Nya sendiri, Dia masuk ke dalam Tempat Yang Maha Suci, sekali untuk selama-lamanya, kerana Dia mendapatkan penebusan yang kekal. ¹³ Jika darah lembu jantan dan kambing serta abu lembu betina muda yang direnjiskan ke atas orang bernajis dapat menyucikan jasadnya secara lahiriah, ¹⁴ lebih-lebih lagi darah Kristus,

yang melalui Roh kekal mempersembahkan diri-Nya tanpa cela kepada Allah, menyucikan hati nuranimu daripada perbuatan yang mati supaya kamu dapat beribadat kepada Allah yang hidup.

¹⁵ Itulah sebabnya Dia menjadi Pengantara bagi perjanjian baru, melalui kematian, untuk menebus kesalahan di bawah perjanjian pertama, supaya mereka yang dipanggil dapat menerima janji warisan yang kekal.

¹⁶ Apabila ada wasiat, semestinya ada kematian pewasiat. ¹⁷ Wasiat berkuat kuasa selepas kematian seseorang, kerana langsung tiada kuasanya selagi pewasiat masih hidup.

¹⁸ Perjanjian pertama itu pun tidaklah ditentukan tanpa darah. ¹⁹ Setelah Musa menyampaikan segala ajaran kepada semua orang menurut hukum Taurat, dia mengambil darah anak lembu dan kambing, dengan air, bulu domba berwarna merah, dan hisop, lalu merenjkannya ke atas kitab serta semua orang, ²⁰ sambil berkata: "Ini darah bagi perjanjian yang telah diperintahkan Allah kepadamu." ²¹ Selepas itu, dia merenjkkan juga darah ke atas khemah dan segala alat ibadat. ²² Menurut hukum Taurat hampir segala-galanya

disucikan dengan darah, dan tanpa tumpahan darah tidak ada pengampunan.

²³ Salinan segala yang terdapat di syurga perlu disucikan dengan ini, tetapi segala yang di syurga itu sendiri memerlukan korban yang lebih mulia.

²⁴ Kristus tidaklah masuk ke tempat suci yang dibuat dengan tangan manusia, iaitu salinan tempat suci sejati. Dia telah masuk ke syurga itu sendiri, di hadirat Allah untuk kita. ²⁵ Dia tidak perlu mempersembahkan diri-Nya berkali-kali, sebagaimana Imam Besar masuk ke Tempat Yang Maha Suci setiap tahun dengan membawa darah makhluk lain. ²⁶ Andainya demikian, terpaksa Dia menderita berkali-kali sejak permulaan dunia. Dia tampil sekali sahaja, sewaktu akhir zaman ini, untuk menghapuskan dosa dengan mengorbankan diri-Nya. ²⁷ Sebagaimana manusia ditentukan mati sekali, dan selepas itu dihakamkan, ²⁸ begitulah Kristus telah dikorbankan sekali untuk dosa semua manusia. Kepada mereka yang menunggu-Nya dengan penuh pengharapan, Dia akan datang bagi kali kedua, bukan untuk menanggung dosa tetapi untuk menyelamatkan mereka.

Korban Kristus yang sempurna

10 ¹ Hukum hanya bayang-bayang perkara baik yang akan datang, bukan hakikat perkara itu sendiri. Dengan demikian hukum itu sekali-kali tidak akan dapat menyempurnakan orang yang mempersembahkan korban-korban yang demikian itu tahun demi tahun. ² Andainya dapat, tidakkah persembahan itu dihentikan? Sekiranya orang yang beribadat itu telah disucikan, mereka tidaklah berasa diri mereka berdosa lagi. ³ Tetapi segala korban itu mengingatkan tentang adanya dosa setiap tahun. ⁴ Tidakkah mungkin darah lembu jantan dan kambing dapat menghapuskan dosa.

⁵ Oleh itu, apabila Kristus datang ke dunia, Dia berkata:

“Korban dan persembahan tidak Kauingini, tetapi Engkau telah menyediakan tubuh bagi-Ku.

⁶ Persembahan dan korban bakaran penghapus dosa tidak Kauredai.

⁷ Kemudian Aku berkata,

‘Lihatlah, Aku telah datang – dalam naskah kitab tersurat tentang-Ku – untuk melakukan kehendak-Mu, Ya Allah.’ ”

⁸ Mula-mula Dia berkata, “Korban dan persembahan bakaran, dan persembahan untuk menebus dosa, tidak Kauingini dan tidak Kauredai” (iaitu yang dipersembahkan menurut Hukum). ⁹ Kemudian Dia berkata, “Lihatlah, Aku telah datang untuk melakukan kehendak-Mu, ya Allah.” Dia menyingkirkan yang pertama untuk mengasaskan yang kedua. ¹⁰ Dengan kehendak Allah itu kita telah disucikan melalui persembahan tubuh Yesus Kristus, sekali untuk selama-lamanya.

¹¹ Setiap imam berdiri dan beribadat setiap hari serta mempersembahkan berkali-kali korban yang serupa, yang sampai bila-bila pun tidak akan dapat menghapuskan dosa. ¹² Tetapi Imam ini, setelah Dia mempersembahkan satu korban untuk menebus dosa selama-lamanya, duduk di sebelah kanan Allah. ¹³ Dari saat itu Dia menanti hingga musuh-musuh-Nya dijadikan alas kaki-Nya. ¹⁴ Dengan satu persembahan Dia telah menyempurnakan untuk selama-lamanya semua orang yang disucikan.

¹⁵ Roh Kudus juga memberikan kesaksian kepada kita; kerana setelah Dia berfirman,

¹⁶ “Inilah perjanjian yang akan Kubuat dengan mereka

selepas zaman itu, Tuhan berfirman:

Aku akan meletakkan hukum-Ku dalam hati mereka

dan menuliskannya dalam fikiran mereka.”

¹⁷ Dia menambah, “Dosa dan perbuatan mereka yang mungkar tidak akan Kuingati lagi.”

¹⁸ Setelah ada pengampunan, tidaklah ada lagi persembahan untuk menebus dosa.

Bertekun selalu

¹⁹ Oleh itu, saudara-saudara, kita telah mempunyai keberanian untuk masuk ke Tempat Yang Maha Suci melalui darah Yesus, ²⁰ melalui jalan yang baru dan hidup, yang dibukakan-Nya untuk kita, menerusi tirai, iaitu tubuh-Nya. ²¹ Kita mempunyai Imam Besar di atas isi Rumah Allah.

²² Maka marilah kita hampir dengan hati yang tulus dan iman yang teguh sepenuhnya. Hati nurani kita telah direnjis sehingga suci daripada kejahatan dan tubuh kita telah dibasuh dengan air yang bersih. ²³ Marilah kita berpegang teguh pada pengakuan harapan kita tanpa berganjak, kerana Dia yang berjanji sentiasa setia. ²⁴ Marilah kita saling perhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang baik.

²⁵ Jangan berhenti daripada berhimpun, seperti

yang dilakukan oleh setengah-setengah orang. Nasihatilah sesama sendiri, terutamanya setelah kamu sedar Hari Tuhan itu kian hampir.

²⁶ Jika kita sengaja melakukan dosa setelah kita mengenal kebenaran, tiada lagi korban untuk menebus dosa. ²⁷ Yang ada hanyalah ketakutan menanti hukuman, dan api kemurkaan yang akan memusnahkan semua yang ingkar.

²⁸ Sesiapa yang menolak hukum Musa mati tanpa belas kasihan atas kesaksian dua atau tiga orang saksi. ²⁹ Pada hematmu, betapakah lebih dahsyatnya hukuman yang dianggap setimpal bagi orang yang telah melanyak Anak Allah di bawah kakinya, memandang ringan kepada darah perjanjian yang telah menyucikannya, dan menghina Roh kasih kurnia? ³⁰ Kita mengenal Dia yang berfirman, “Pembalasan adalah hak-Ku, Aku akan membalas, demikian firman Tuhan.” Dan juga, “Tuhan akan menghakimi umat-Nya.”

³¹ Sungguh dahsyatnya jatuh ke tangan Allah yang hidup.

³² Tetapi ingatlah masa silam, ketika kamu diberi cahaya kebenaran, kemudian kamu dengan ketetapan yang gigih menanggung penderitaan yang hebat; ³³ sebahagiannya apabila kamu

10:27: Yes 26:11. **10:28:** Ul 17:6; 19:15.

10:29: Kel 24:8. **10:30 a:** Ul 32:35; **b:** Ul 32:36.

sendiri diaibkan di khalayak ramai dengan celaan serta seksaan, dan sebahagiannya apabila kamu menjadi teman mereka yang diperlakukan demikian. ³⁴ Kamu telah merasakan belas kasih terhadap mereka yang terpenjara. Kamu telah menerima dengan sukacita apabila hartamu dirampas, kerana kamu tahu bahawa kamu mempunyai milik yang lebih baik dan kekal di syurga. ³⁵ Oleh itu, janganlah buang keyakinanmu, yang akan diberikan ganjaran besar. ³⁶ Kamu perlu tabah menderita. Dengan demikian, setelah kamu melakukan kehendak Allah, kamu dapat menerima janji itu:

³⁷ “Seketika sahaja lagi, Dia yang akan datang itu akan sampai tanpa berlengah-lengah.

³⁸ Sekarang orang yang benar akan hidup dengan iman;

Tetapi jika sesiapa undur,
jiwa-Ku tidak meredainya.”

³⁹ Tetapi kita bukanlah antara mereka yang undur ke arah kebinasaan, tetapi antara mereka yang beriman dan diselamatkan.

Berasaskan iman

11 ¹ Iman adalah kepastian akan perkara-perkara yang diharapkan, keyakinan akan

perkara-perkara yang tidak dilihat. ² Melalui iman nenek moyang kita telah dipuji.

³ Melalui iman kita mengerti bahawa semesta alam dibentuk dengan firman Allah. Nyatalah bahawa segala yang dilihat sekarang tidak dicipta daripada benda yang dapat dilihat.

⁴ Melalui iman Habel telah mempersembahkan kepada Allah korban yang lebih baik daripada yang dipersembahkan oleh Kain. Dengan demikian dia mendapat kesaksian bahawa dia seorang yang benar; Allah memberikan kesaksian tentang persembahannya. Oleh itu, setelah Habel mati pun, dia masih berkata-kata.

⁵ Melalui iman Henokh dipindahkan supaya dia tidak mengalami kematian, dan tidak dapat dijumpai kerana Allah telah memindahkannya; kerana sebelum dia dipindahkan, dia telah menerima kesaksian, bahawa dia mendapat keredaan Allah. ⁶ Tetapi tanpa iman, mustahil didapati keredaan-Nya. Sesiapa yang datang kepada Allah mestilah beriman bahawa Allah wujud dan Dia memberikan ganjaran kepada mereka yang berusaha untuk mencari-Nya.

⁷ Melalui iman Nuh, yang diberi amaran tentang perkara-perkara yang belum dilihat,

11:3: Kej 1:1; Mzm 33:6,9; Yoh 1:3. **11:4:** Kej 4:3-10.

11:5: Kej 5:21-24. **11:7:** Kej 6:13-22.

telah bertindak dengan rasa takut akan Allah. Nuh telah menyediakan bahtera untuk menyelamatkan seisi rumahnya. Dengan demikian dia telah menghukum dunia dan mewarisi perbenaran^b menurut iman.

⁸ Melalui iman Abraham taat apabila disuruh pergi ke tempat yang kemudian diterimanya sebagai warisannya. Dia pergi tanpa mengetahui ke mana dia pergi. ⁹ Melalui iman dia tinggal di tanah yang dijanjikan itu seperti di negeri asing. Dia tinggal di khemah-khemah dengan Ishak dan Yakub, yang bersamanya menjadi waris janji itu; ¹⁰ kerana dia menanti kota yang berasing, yang dibina dan dicipta oleh Allah.

¹¹ Melalui iman Sarah juga mendapat kekuatan untuk mengandungkan benih lalu melahirkan anak padahal usianya sudah lanjut; kerana dia yakin bahawa Dia yang berjanji itu setia. ¹² Oleh itu, daripada seorang lelaki yang dianggap hampir dengan maut, telah lahir keturunan sebanyak bintang-bintang di langit, tidak terkira bilangannya seperti butir-butir pasir di pantai.

^b**11:7** Istilah “perbenaran” berbeza drpd erti perkataan, “kebenaran.” Kerana imannya, Nuh menjadi orang benar yang mewarisi perbenaran Allah.

11:8: Kej 12:1-5. **11:9:** Kej 35:27.

11:11: Kej 18:11-14; 21:2. **11:12:** Kej 15:5; 22:17; 32:12.

¹³ Semua mereka ini telah mati dalam iman. Mereka belum menerima janji itu. Akan tetapi, setelah melihatnya pada masa yang akan datang mereka yakin terhadapnya, dan mengakui mereka orang asing dan musafir di muka bumi ini. ¹⁴ Mereka yang berkata demikian menyatakan terang-terang bahwa mereka sedang mencari tempat untuk dijadikan tanah air mereka.

¹⁵ Sesungguhnya, kalaulah mereka teringat akan negeri yang telah ditinggalkan mereka dahulu, mereka akan mendapat peluang untuk kembali.

¹⁶ Tetapi kini mereka inginkan tempat yang lebih baik, yaitu di syurga. Oleh itu, Allah tidak malu disebut sebagai Allah mereka; Dia telah menyediakan sebuah kota untuk mereka.

¹⁷ Melalui iman Abraham, apabila diuji, menyerahkan Ishak sebagai korban; dia yang menerima janji-janji itu mempersembahkan anak lelakinya yang tunggal. ¹⁸ Tentang anak itu telah disebutkan, "Melalui Ishak, benih keturunanmu akan dipanggil." ¹⁹ Allah berkuasa membangkitkannya daripada kematian; dan secara perlambangan dia telah menerimanya semula daripada kematian.

11:13: Kej 23:4; 1Taw 29:15; Mzm 39:12.

11:17: Kej 22:1-14. **11:18:** Kej 21:12.

²⁰ Melalui iman Ishak telah memberkati Yakub dan Esau berkenaan perkara-perkara yang akan datang.

²¹ Melalui iman Yakub, ketika akan mati, telah memberkati setiap anak lelaki Yusuf lalu menyembah sambil bersandar kepada kepala tongkatnya.

²² Melalui iman Yusuf, apabila hampir sampai ajalnya, telah menyebut pemergian kaum Israel dan berpesan tentang tulang-tulangnyanya.

²³ Melalui iman Musa telah disembunyikan oleh ibu bapanya selama tiga bulan sejak lahirnya, kerana mereka melihat bahawa dia seorang bayi yang berparas istimewa dan mereka tidak takut akan perintah raja.

²⁴ Melalui iman Musa, setelah besar, tidak mahu disebut anak kepada puteri Firaun.

²⁵ Dia memilih untuk menanggung kesusahan bersama umat Allah daripada menikmati nikmat sementara melakukan dosa. ²⁶ Baginya celaan yang ditanggung Kristus lebih berharga daripada seluruh kekayaan Mesir; kerana dia berharap mendapat ganjaran.

11:20: Kej 27:27-29,39,40.

11:21 a: Kej 48:1-20; **b:** Kej 47:31.

11:22: Kej 50:24,25; Kel 13:19.

11:23 a: Kel 2:2; **b:** Kel 1:22. **11:24:** Kel 2:10-12.

²⁷ Melalui iman dia meninggalkan Mesir, tanpa takut akan kemurkaan raja; kerana hatinya teguh seolah-olah dia melihat Allah yang tidak mungkin dilihat. ²⁸ Melalui iman dia mengadakan Perayaan Paskah dan perenjian darah, supaya pembunuh anak-anak sulung tidak menyentuh anak-anak sulung Israel.

²⁹ Melalui iman mereka menyeberangi Laut Merah seolah-olah berjalan di darat, sedangkan orang Mesir yang cuba berbuat demikian mati lemas.

³⁰ Melalui iman tembok Yerikho telah roboh setelah dikepung tujuh hari. ³¹ Melalui iman wanita pelacur yang bernama Rahab tidak musnah bersama orang yang tidak beriman, setelah dia menyambut para perisik dengan ramah.

³² Apa lagi yang harus kukatakan? Aku kesuntukan waktu untuk bercerita tentang Gideon, Barak, Simson, Yefta, Daud, Samuel dan nabi-nabi, ³³ yang melalui iman telah menaklukkan kerajaan, menegakkan keadilan,

11:28: Kel 12:21-30.

11:29: Kel 14:21-31. **11:30:** Yos 6:12-21. **11:31 a:** Yos 6:22-25; **b:** Yos 2:1-21. **11:32 a:** Hak 6:11—8:32; **b:** Hak 4:6—5:31; **c:** Hak 13:2—16:31; **d:** Hak 11:1—12:7; **e:** 1Sam 16:1—1Raj 2:11; **f:** 1Sam 1:1—25:1. **11:33:** Dan 6:1-27.

mendapatkan janji, menutup mulut singa,³⁴ memadamkan api yang ganas, terselamat daripada mata pedang, menjadi kuat dalam kelemahan, perkasa dalam peperangan, dan mengusir tentera-tentera asing.³⁵ Ada wanita yang mendapat kembali ahli keluarganya yang telah mati dan dihidupkan semula.

Ada orang yang diseksa tetapi tidak mahu diselamatkan kerana mereka ingin mendapat kebangkitan yang lebih baik.³⁶ Setengah-setengahnya pula menghadapi dugaan dengan diejek, dipukul, dirantai dan dipenjarakan.³⁷ Mereka direjam dengan batu, digergaji putus dua dan dibunuh dengan pedang. Mereka merayau-rayau berpakaian kulit kambing dalam keadaan papa, menderita, terseksa –³⁸ dunia tidak layak menampung mereka. Mereka merayau-rayau di gurun dan gunung-ganang, di gua-gua serta lubang-lubang di tanah.

³⁹ Semua mereka ini, sungguhpun mendapat kesaksian yang baik melalui iman, tidak menerima janji itu.⁴⁰ Allah telah menyediakan sesuatu yang lebih baik untuk kita, supaya mereka tidak disempurnakan tanpa kita.

11:34: Dan 3:1-30.

11:35: 1Raj 17:17-24; 2Raj 4:25-37. **11:36:** 1Raj 22:26,27; 2Taw 18:25,26; Yer 20:2; 37:15; 38:6. **11:37:** 2Taw 24:21.

Teguh dalam iman

12 ¹ Oleh itu kita juga, yang dikelilingi dengan sebegitu ramainya saksi, hendaklah menjauhi beban dan dosa yang amat mudah menjerat kita, dan berlari dengan gigih dalam perlumbaan yang ditentukan bagi kita. ² Marilah kita mengarahkan mata kita kepada Yesus, Pelopor dan Penyempurna iman kita. Untuk kebahagiaan yang ditentukan bagi-Nya, Dia telah menanggung seksa salib, tanpa menghiraukan pengaiban itu, dan sekarang Dia duduk di sebelah kanan takhta Allah.

³ Fikirkanlah Dia yang tabah menderita apabila orang berdosa memusuhi-Nya, supaya kamu tidak berasa bosan dan tawar hati. ⁴ Dalam perjuangan melawan dosa, kamu belum lagi bertahan sehingga tumpah darahmu. ⁵ Kamu telah melupakan nasihat yang disampaikan kepadamu seperti kepada anak-anak sendiri:

“Anakku, jangan pandang ringan pengajaran Tuhan,
dan jangan tawar hati apabila Dia menegurmu,

⁶ kerana Tuhan mengajari orang yang dikasihi-Nya,

dan menghukum sesiapa yang diterima-Nya sebagai anak.”

⁷ Jika kamu tahan diajari, Allah memperlakukan kamu sebagai anak; kerana anak manakah yang tidak diajari oleh bapanya? ⁸ Tetapi jika kamu tidak diajari, sedangkan orang lain menerima pengajaran, maka kamu ialah anak haram dan bukanlah anak yang sah. ⁹ Tambahan pula, kita mempunyai bapa di dunia yang mengajari kita dan kita menghormati mereka. Tidakkah sepatutnya kita lebih rela lagi tunduk kepada Bapa segala roh untuk hidup? ¹⁰ Bapa kita di dunia mengajari kita beberapa waktu menurut apa yang terasa baik bagi mereka. Tetapi Tuhan mengajari kita untuk menguntungkan kita, supaya kita mendapat sebahagian kesucian-Nya. ¹¹ Tiada pengajaran yang menggembirakan ketika dilaksanakan; semuanya terasa teruk. Tetapi kemudiannya pengajaran itu menghasilkan buah perbenaran^c yang mendatangkan rasa aman kepada mereka yang telah dididik dengannya. ¹² Oleh itu, kuatkanlah tangan yang lesu dan lutut yang lemah, ¹³ serta buatkan lorong yang lurus bagi kakimu, supaya yang tempang tidak terpelecok tetapi sembuh.

^c**12:11** Terjemahan lain: kebenaran.

12:12: Yes 35:3. **12:13:** Ams 4:26.

Amaran terhadap mereka yang menolak Tuhan

¹⁴ Berusahalah mendapatkan perdamaian dengan semua orang, serta kesucian; tanpanya tiada sesiapa pun dapat melihat Tuhan.

¹⁵ Awaslah, jangan sampai ada sesiapa pun yang tidak mendapat kasih kurnia Allah. Jangan biarkan akar kepahitan menimbulkan kekacauan, sehingga ramai yang tercemar. ¹⁶ Janganlah ada di antaramu pencabul atau menjadi durjana seperti Esau, yang menjualkan hak warisannya untuk sesuap makanan. ¹⁷ Kamu ketahui bahawa kemudiannya, apabila dia hendak mewarisi berkat itu, dia ditolak, kerana dia tidak mendapat ruang untuk bertaubat, walaupun dia memohon berkat itu dengan air mata.

¹⁸ Kamu tidak pernah datang ke gunung yang dapat disentuh dan menyala dengan api, ke dalam gelap-gelita serta ribut taufan, ¹⁹ dan bunyi sangkakala bersama suara yang menuturkan kata-kata, sehingga sekalian yang mendengarnya merayu supaya kata-kata itu tidak dilafazkan lagi kepada mereka. ²⁰ Mereka tidak

12:15: Ul 29:18. **12:16:** Kej 25:29-34.

12:17: Kej 27:30-40.

12:18: Kel 19:16-22; 20:18-21; Ul 4:11,12; 5:22-27.

12:20: Kel 19:12,13.

tahan mendengar apa yang diperintahkan: “Jika seekor binatang pun menyentuh gunung ini, ia mesti direjam dengan batu atau ditembusi dengan anak panah.”²¹ Penglihatan itu begitu menggerunkan sehingga Musa berkata, “Aku amat ketakutan dan menggeletar.”

²² Tetapi kamu telah datang ke Gunung Sion dan ke kota Allah yang hidup, Yerusalem yang di syurga, kepada para malaikat yang tidak terkira banyaknya,²³ kepada perhimpunan besar dan kepada jemaah anak sulung yang didaftarkan di syurga, kepada Allah Hakim ke atas sekaliannya, kepada roh-roh orang benar yang telah disempurnakan,²⁴ kepada Yesus, Pengantara perjanjian baru, dan kepada darah renjisan yang menuturkan perkara-perkara yang lebih baik daripada darah Habel.

Kerajaan yang tidak dapat diruntuhkan

²⁵ Jangan sekali-kali kamu ingkar kepada Dia yang bersuara. Mereka yang ingkar kepada Dia yang bersuara di bumi tidak dapat lari daripada kebinasaan. Lebih-lebih lagi dengan kita, jika kita berpaling daripada Dia yang bersuara dari syurga.²⁶ Dulu suara-Nya menggoncang bumi.

12:21: Ul 9:19. **12:24:** Kej 4:10. **12:25:** Kel 20:22.

12:26: Hag 2:6.

Tetapi sekarang Dia telah berjanji: “Sekali lagi Aku menggoncang bukan sahaja bumi tetapi juga syurga.” ²⁷ “Sekali lagi” ini bermaksud bahawa segala yang digoncang, iaitu semua benda buatan akan dihapuskan manakala segala yang tidak dapat digoncang akan tetap wujud.

²⁸ Oleh sebab kita menerima sebuah kerajaan yang tidak dapat digoncang, biarlah kita mendapat kasih kurnia, kerana dengannya kita dapat beribadat kepada Allah secara yang diredai-Nya, dengan penuh hormat dan takut akan Dia. ²⁹ Allah kita adalah api yang menhanguskan.

Nasihat akhir

13 ¹ Pastikan kasih persaudaraan berpanjangan. ² Jangan lupa meraikan orang asing, kerana dengan berbuat demikian ada orang yang telah meraikan para malaikat tanpa mengetahuinya. ³ Ingatlah kepada orang yang terpenjara seolah-olah kamu terantai bersama mereka; kenanglah orang yang dianiaya seolah-olah kamu juga dianiaya, kerana kamu dan mereka adalah satu.

⁴ Hendaklah perkahwinan dianggap mulia oleh semua, dan tempat tidur dijaga supaya

tidak tercemar kerana Allah akan menghukum pezina baik yang bujang mahupun yang sudah berkahwin dan mengkhianati pasangannya.

⁵ Jagalah hidupmu supaya jangan menjadi pencinta wang; kamu harus berasa cukup dengan apa yang ada padamu. Dia sendiri telah berjanji: “Aku tidak sekali-kali akan meninggalkanmu. Aku tidak sekali-kali akan membiarkanmu.” ⁶ Oleh itu, kita boleh berkata dengan bersemangat:

“Tuhan Penolongku;
Aku tidak akan takut.

Apa yang dapat dilakukan manusia kepadaku?”

⁷ Ingatlah mereka yang menjadi ketuamu yang telah menyampaikan firman Allah kepadamu. Teladani iman mereka, perhatikan hasil jalan hidup mereka. ⁸ Yesus Kristus tetap sama kelmarin, hari ini dan selama-lamanya. ⁹ Jangan terikut-ikut pelbagai ajaran yang berlainan daripada ajaran yang benar. Tetapkan hati dengan kasih kurnia Allah, bukan dengan makanan yang tidak menguntungkan mereka yang asyik dengannya.

¹⁰ Kita mempunyai mazbah di mana orang yang menjalankan ibadat khemah tidak berhak makan sesuatu daripadanya. ¹¹ Bangkai semua

13:5: Ul 31:6,8; Yos 1:5. **13:6:** Mzm 118:6.

13:11: Im 16:27.

binatang, yang darahnya dibawa masuk ke tempat suci oleh Imam Besar untuk menebus dosa, dibakar di luar perkhemahan. ¹² Oleh itu, Yesus juga, untuk menyucikan umat manusia dengan darah-Nya sendiri, menderita di luar pintu gerbang. ¹³ Dengan demikian marilah kita pergi mendapatkan-Nya, di luar perkhemahan, dan menanggung celaan yang dideritai-Nya. ¹⁴ Di sini kita tidak ada kota kekal, tetapi kita berusaha mendapatkan kota yang akan datang.

Korban yang diredai Allah

¹⁵ Oleh itu, melalui-Nya marilah kita terus-menerus mempersembahkan korban iaitu pujian kepada Allah, sebagai buah-buahan hasil bibir kita, sambil bersyukur kepada nama-Nya. ¹⁶ Tetapi jangan lupa berbuat baik dan berkongsi, kerana korban demikianlah yang diredai Allah.

¹⁷ Taati ketua-ketamu, dan hendaklah kamu bersikap patuh, kerana mereka mengawasi keselamatan rohanimu, sebagai orang yang dipertanggungjawabkan kelak atas perlakuanmu. Pastikanlah bahawa mereka melakukannya dengan sukacita, bukan dengan dukacita kerana itu tidak akan membawa keuntungan kepadamu.

¹⁸ Doakanlah kami; kerana kami yakin hati nurani kami bersih, ingin hidup bermaruah dalam segala hal. ¹⁹ Tetapi aku terutamanya

mendesakmu berbuat demikian, supaya aku dikembalikan kepadamu lebih awal.

Doa berkat

²⁰ Semoga Allah kesejahteraan yang telah membangkitkan Tuhan kita Yesus daripada kematian, Gembala domba yang mulia itu, melalui darah perjanjian kekal, ²¹ melengkapkan kamu dengan segala yang baik untuk melakukan kehendak-Nya, mengusahakan dalam dirimu apa yang diredai-Nya, melalui Yesus Kristus, bagi-Nya kemuliaan selama-lamanya. Amin.

²² Aku merayu kepadamu, saudara-saudara, dengarlah nasihatku ini dengan sabar, kerana aku menulis ringkas sahaja kepadamu. ²³ Ketahuilah bahawa saudara kita Timotius telah dibebaskan. Aku akan menemui kamu bersamanya jika dia datang segera.

²⁴ Sampaikan salamku kepada semua ketuamu dan semua umat yang salih. Saudara-saudara dari Itali berkirim salam kepadamu.

²⁵ Semoga kasih kurnia menyertai kamu semua. Amin.

YAKOBUS

1 ¹ Daripada Yakobus, hamba Allah dan hamba Tuhan Yesus Kristus,
Kepada dua belas suku yang tersebar di serata dunia: Sambutlah salam daripadaku.

Cubaan dan godaan

² Saudara-saudaraku, anggaplah sebagai suatu kebahagiaan apabila kamu menghadapi pelbagai cubaan, ³ kerana kamu tahu bahawa ujian terhadap imanmu menghasilkan ketabahan. ⁴ Pastikan bahawa ketabahanmu itu berterusan, sehingga kamu menjadi sempurna tanpa sebarang kekurangan pun. ⁵ Sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka. ⁶ Akan tetapi, apabila dia memohon, dia mesti beriman sepenuhnya. Dia tidak harus ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu itu umpama ombak laut yang terumbang-ambing ditiup angin. ⁷ Orang

seperti itu tidak boleh berharap untuk menerima apa-apa daripada Tuhan; ⁸ pendiriannya tidak tetap dan dia sentiasa teragak-agak melakukan sesuatu.

⁹ Saudara yang hidup dalam keadaan sederhana patut bermegah dengan kedudukannya yang tinggi. ¹⁰ Orang yang kaya pula patut bermegah dengan kedudukannya yang rendah, kerana dia boleh lenyap laksana bunga rumput.

¹¹ Sewaktu matahari meninggi, sinarnya yang panas menyebabkan rumput itu layu sehingga bunganya gugur lalu musnah keindahannya. Begitulah halnya dengan orang kaya yang akan lenyap ketika mengurus perniagaannya.

¹² Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya. ¹³ Sekiranya seseorang tergoda ketika menghadapi cubaan demikian, tidaklah wajar dia berkata, "Godaan ini datang daripada Allah." Allah tidak dapat digoda oleh kejahatan dan Allah tidak menggoda sesiapa. ¹⁴ Seseorang tergoda kerana terjerat oleh nafsu jahatnya sendiri. ¹⁵ Apabila dia menurutkan nafsu jahatnya itu, wujudlah dosa;

dan dosa yang matang akan membawa kepada kematian.

¹⁶ Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah terperdaya. ¹⁷ Segala pemberian yang baik dan sempurna diturunkan dari syurga oleh Bapa, sumber segala cahaya. Dia tidak berubah dan tidak seperti bayangan yang berubah-ubah bentuknya. ¹⁸ Dengan kehendak-Nya Dia mencipta kita melalui firman-Nya yang benar. Dengan demikian kita menjadi yang sulung antara semua makhluk-Nya.

Pendengar dan pelaku

¹⁹ Saudara-saudara yang kukasihi, sebagaimana kamu tahu, seseorang haruslah cepat mendengar, lambat bercakap, dan lambat menjadi marah.

²⁰ Orang yang marah tidak dapat melakukan perbuatan yang benar dan diredai Allah.

²¹ Oleh itu, kikislah segala tabiat buruk dan kelakuan jahat. Kemudian terimalah firman yang disemaikan-Nya ke dalam hatimu dengan rendah hati, kerana firman itu dapat menyelamatkanmu.

²² Namun demikian, jangan tipu dirimu dengan hanya mendengar firman; lakukanlah firman itu.

²³ Seseorang yang mendengar firman tetapi tidak melakukannya adalah ibarat orang yang berdiri di hadapan cermin, ²⁴ meneliti dirinya, kemudian pergi dari situ dan terus lupa akan rupanya.

²⁵ Namun demikian, orang yang meneliti hukum yang sempurna, iaitu hukum yang dapat membebaskan manusia, dan melakukannya, akan diberkati dalam segala tindakannya, kerana dia tidak hanya mendengar lalu melupakannya.

²⁶ Jika seseorang menganggap dirinya taat beribadat tetapi tidak mengekang lidahnya, maka ibadatnya sia-sia dan dia menipu diri sendiri.

²⁷ Allah Bapa berfirman bahawa ibadat yang murni dan tulen ialah: menolong anak yatim piatu dan balu yang menanggung kesusahan, serta menjaga diri daripada dicemari kejahatan dunia.

Pilih kasih dilarang

2 ¹ Saudara-saudaraku, sebagai orang yang beriman kepada Tuhan kita Yesus Kristus yang mulia itu, janganlah amalkan sikap pilih kasih. ² Andaikan dua orang datang ke tempat pertemuanmu, yang seorang kaya, berpakaian mewah, bercincin emas; yang seorang lagi miskin, berpakaian buruk. ³ Kamu menyambut orang yang berpakaian mewah itu dengan hormat sambil berkata, “Silakan duduk di tempat terbaik ini.” Sebaliknya, kepada orang miskin itu kamu berkata, “Berdiri di sana” atau “Duduk di atas lantai dekat kakiku.” ⁴ Dengan demikian,

kamu membeza-bezakan orang dan menjadi hakim yang berfikiran jahat.

⁵ Ketahuilah, saudara-saudara yang kukasihi, Allah telah memilih orang miskin di dunia ini menjadi orang yang kaya dalam iman. Mereka akan mewarisi kerajaan Allah sebagaimana telah dijanjikan-Nya kepada orang yang mengasihi-Nya. ⁶ Kamu menghina orang miskin, sedangkan orang kayalah yang menindasmu, menyeretmu ke mahkamah, ⁷ dan menghina nama mulia yang kamu terima daripada Tuhan.

⁸ Kamu melakukan apa yang benar jika kamu mematuhi hukum kerajaan Allah yang tersurat dalam Kitab Suci, “Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.”

⁹ Sebaliknya, jika kamu memilih kasih, kamu berdosa, dan menurut hukum, kamu melanggar hukum. ¹⁰ Melanggar satu perintah Taurat bererti melanggar seluruh hukum, ¹¹ kerana Allah yang berfirman, “Jangan berzina,” juga berfirman, “Jangan membunuh.” Dengan demikian, walaupun kamu tidak berzina, namun sekiranya kamu membunuh, maka kamu telah melanggar hukum. ¹² Dalam perkataan dan tindakanmu, ingatlah bahawa kamu akan diadili berdasarkan

2:8: Im 19:18.

2:11 a: Kel 20:14; Ul 5:18; **b:** Kel 20:13; Ul 5:17.

hukum-hukum yang membebaskan manusia.

¹³ Orang yang tidak mengamalkan belas kasihan akan dihukum tanpa diberi belas kasihan, tetapi mereka yang mengamalkan belas kasihan tidak akan takut diadili.

Iman dan perbuatan

¹⁴ Saudara-saudaraku, apa gunanya seorang berkata, “Aku beriman,” jika dia tidak membuktikan imannya melalui perbuatannya? Iman sedemikian tidak dapat menyelamatkannya.

¹⁵ Katakanlah seorang saudara lelaki atau saudara perempuan memerlukan pakaian dan kekurangan makanan. ¹⁶ Apakah gunanya kamu berkata kepadanya, “Selamat jalan, pakailah baju panas dan makanlah secukupnya,” jika kamu tidak menghulurkan apa yang diperlukan tubuhnya?

¹⁷ Demikian juga dengan iman, jika tidak dinyatakan melalui perbuatan, maka sia-sialah iman itu.

¹⁸ Mungkin ada orang yang berkata, “Kamu mempunyai iman; aku mempunyai perbuatan.” Tunjukkan kepadaku seorang yang beriman tetapi tidak mengamalkan perbuatan baik, maka dengan perbuatan baikku akan kutunjukkan bahawa aku beriman. ¹⁹ Kamu percaya kepada Allah yang esa. Bagus! Roh-roh iblis juga percaya demikian dan gementar ketakutan.

²⁰ Alangkah tumpul fikiranmu, mengapakah kamu memerlukan bukti bahawa iman tanpa perbuatan baik itu sia-sia sahaja? ²¹ Bukankah Abraham, moyang kita, diperbenar kerana perbuatannya apabila dia mempersembahkan anaknya Ishak di atas mazbah? ²² Tidak jelaskah kepadamu bahawa Abraham menunjukkan imannya melalui perbuatannya? Dengan demikian, sempurnalah iman Abraham. ²³ Demikianlah terlaksanalah apa yang dikatakan dalam Kitab Suci: “Abraham percaya kepada Allah, dan hal itu diperhitungkan baginya sebagai perbenaran.”^d Oleh itu, Abraham dipanggil sahabat Allah. ²⁴ Nyatalah bahawa seseorang itu diperbenar kerana perbuatannya, bukan imannya semata-mata.

²⁵ Demikian juga dengan Rahab, wanita pelacur itu. Rahab diperbenar kerana perbuatannya ketika dia menyambut pengintip-pengintip Israel dan membantu mereka melarikan diri melalui jalan lain.

²⁶ Tubuh tanpa roh, tubuh yang mati. Begitu jugalah, iman tanpa perbuatan, iman yang mati.

^d**2:23** Tuhan menganggap kepercayaan Abram kepada-Nya sebagai perbenaran. Oleh itu, Abram diiktiraf sebagai seorang yang benar.

2:21: Kej 22:1-14.

2:23 a: Kej 15:6; **b:** 2Taw 20:7; Yes 41:8. **2:25:** Yos 2:1-21.

Mengawal lidah

3 ¹ Saudara-saudaraku, seharusnya hanya segelintir daripadamu berusaha untuk menjadi guru. Kamu tahu bahawa kita yang menjadi guru akan diadili dengan lebih keras daripada orang lain. ² Kita semua selalu melakukan kesalahan. Sekiranya seseorang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan melalui tutur katanya, maka dia itu seorang yang sempurna. Dia dapat menguasai seluruh dirinya. ³ Kita memasang kekang pada mulut kuda supaya kuda menurut kemahuan kita. Dengan kekang, kita dapat mengendalikan seluruh tubuh kuda. ⁴ Begitu juga dengan kapal, walaupun besar dan digerakkan oleh angin kencang, tetapi kapal hanya dikendalikan oleh kemudi yang amat kecil. Kapal bergerak ke arah yang ditentukan oleh pengemudi. ⁵ Demikianlah dengan lidah kita, walaupun kecil, namun dapat bermegah tentang hal-hal yang besar.

Betapa luasnya hutan yang dapat dibakar oleh api yang amat kecil. ⁶ Lidah laksana api. Lidah kita ibarat dunia yang dikuasai kejahatan dan memenuhi seluruh diri kita dengan kejahatan. Lidah menghanguskan hidup kita dengan api dari neraka. ⁷ Manusia dapat dan sudah pun menjinakkan makhluk lain – binatang buas,

burung, haiwan menjalar, dan binatang-binatang di laut. ⁸ Akan tetapi, tiada sesiapa pun dapat menjinakkan lidah manusia. Lidah itu jahat, tidak dapat dikuasai, dan penuh dengan racun yang membunuh. ⁹ Kita menggunakan lidah untuk memuji Tuhan dan Bapa kita, tetapi juga untuk mengutuk sesama manusia yang telah dicipta menurut gambaran Allah. ¹⁰ Kata-kata berkat dan kata-kata kutukan lahir daripada mulut yang sama. Ini tidak sepatutnya berlaku, saudara-saudaraku. ¹¹ Dapatkah air tawar dan air masin dikeluarkan daripada mata air yang sama? ¹² Saudara-saudaraku, pokok ara tidak mungkin menghasilkan buah zaitun, manakala pokok anggur tidak mungkin mengeluarkan buah ara. Mata air yang masin tidak mungkin memancarkan air tawar.

Kebijaksanaan dari syurga

¹³ Adakah wujud dalam kalanganmu seorang yang bijak bestari? Sifat ini terbukti melalui kelakuan baik dan kebajikan yang diamalkan dengan rendah hati serta bijaksana. ¹⁴ Akan tetapi, sekiranya kamu bersikap hasad dengki dan mementingkan diri, janganlah bermegah dengan kebijaksanaan itu atau menafikan yang

benar. ¹⁵ Kebijaksanaan demikian tidak berasal dari syurga tetapi dari dunia, tabiat manusia yang berdosa, dan roh iblis. ¹⁶ Sikap hasad dengki dan mementingkan diri akan menimbulkan kekacauan serta pelbagai kejahatan. ¹⁷ Sebaliknya, apabila seseorang memiliki kebijaksanaan yang berasal dari syurga, maka dia bersifat murni, mencintai kedamaian, lemah lembut dan ramah-tamah. Dia juga bersikap belas kasihan serta mengamalkan segala jenis perbuatan baik. Dia tidak bersikap berat sebelah dan tidak munafik atau bertalam dua muka. ¹⁸ Buah perbenaran^e ialah hasil daripada benih kedamaian yang disemaikan oleh orang yang mencintai kedamaian.

Tunduk kepada Allah

4 ¹ Apakah punca segala pergaduhan dan pertengkaran dalam kalanganmu? Puncanya ialah keinginan hawa nafsu yang sentiasa bergolak dalam dirimu. ² Kamu berhasrat akan sesuatu tetapi tidak mendapatnya, maka kamu ingin membunuh. Kamu ingin memiliki sesuatu tetapi tidak berjaya, lalu kamu bertengkar dan bergaduh. Kamu tidak mendapat apa yang kamu ingini kerana kamu tidak memohonnya daripada Allah. ³ Kalau kamu memohonnya sekalipun,

^e**3:18** Terjemahan lain: Buah kebenaran.

kamu tidak mendapatnya, kerana tujuanmu jahat. Kamu memintanya untuk kesenangan diri sendiri. ⁴ Kamu tidak setia. Tidakkah kamu tahu bahawa sesiapa yang bersahabat dengan dunia menjadi musuh Allah? Oleh itu, sesiapa yang mahu bersahabat dengan dunia menjadikan dirinya musuh Allah. ⁵ Atau kamu menganggap Kitab Suci mengatakan tanpa sebab bahawa Roh yang ditempatkan di dalam diri kita oleh Allah amat mengingini kita. ⁶ Walaupun demikian, kasih kurnia yang dianugerahkan oleh Allah lebih kuat, maka tersurat dalam Kitab Suci:

“Allah menentang orang yang angkuh tetapi memberikan anugerah kepada orang yang rendah hati.”

⁷ Oleh yang demikian, taatlah kepada Allah. Lawanlah Iblis, maka Iblis akan lari daripadamu.

⁸ Dampingi Allah, Allah akan mendampingiimu.

Basuh bersih tanganmu, wahai kamu yang berdosa. Sucikan hatimu, wahai kamu yang munafik. ⁹ Menyesallah, menangis dan merataplah kamu. Biar ketawamu menjadi tangisan, keriangannya menjadi kesedihan.

¹⁰ Rendahkan dirimu di hadapan Tuhan, maka Dia akan meninggikanmu.

¹¹ Saudara-saudaraku, janganlah fitnah-memfitnah. Sesiapa yang memfitnah atau menghakimi saudara seimannya, maka dia memfitnah atau menghakimi hukum. Jika dia menghakimi hukum, maka dia tidak lagi mematuhi hukum. ¹² Hanya ada seorang Pemberi hukum dan Hakim. Hanya Dia yang dapat menyelamatkan atau membinasakan seseorang. Siapakah kamu maka ingin menghakimi sesama manusia?

Jangan memegahkan hari esok

¹³ Sekarang, dengarlah nasihatku, wahai kamu yang berkata, “Hari ini atau esok kami akan bertolak ke sebuah negeri dan tinggal di situ selama setahun untuk berniaga dan mencari wang.” ¹⁴ Tetapi kamu tidak tahu apa yang akan terjadi dengan kehidupan esok. Kamu umpama wap, yang kelihatan sejurus lantas lenyap. ¹⁵ Sepatutnya kamu berkata demikian, “Kalau diizinkan Tuhan, kami akan terus hidup dan melakukan sekian-sekian.” ¹⁶ Sebaliknya kamu angkuh dan bercakap besar. Bercakap besar demikian itu adalah salah.

¹⁷ Apabila seseorang tidak melakukan sesuatu yang baik dan sepatutnya dilakukan, maka orang itu berdosa.

Amaran kepada orang kaya

5 ¹ Dengarlah nasihatku, wahai orang kaya. Menangis dan merataplah, kerana kesusahan akan menimpamu. ² Kekayaanmu akan reput dan pakaianmu dimakan gegat. ³ Emas perakmu akan berkarat, karatnya akan menjadi saksi menuduhmu dan akan menghanguskan tubuhmu seperti api. Kamu telah mengumpulkan harta pada akhir zaman ini. ⁴ Kamu tidak membayar upah orang yang bekerja di ladangmu. Dengarlah rintihan mereka! Orang yang menuai hasil ladangmu berseru minta dibela nasibnya dan suara mereka telah sampai ke telinga Tuhan alam semesta. ⁵ Hidupmu di dunia ini senang-lenang dalam kemewahan melimpah-limpah. Kamu bagaikan menggemukkan diri untuk hari penyembelihan. ⁶ Kamu menghukum dan membunuh orang yang tidak bersalah, dan mereka tidak melawanmu.

Tabah menanggung kesengsaraan

⁷ Saudara-saudaraku, bersabarlah menanti kedatangan Tuhan. Lihatlah betapa sabarnya seorang peladang menunggu tanahnya mengeluarkan hasil yang bernilai. Dengan sabar dia menanti hujan musim luruh dan hujan musim bunga. ⁸ Demikian jugalah kamu harus bersabar. Tabahkanlah hatimu, kerana hari kedatangan Tuhan sudah hampir tiba.

⁹ Saudara-saudaraku, janganlah bersungut-sungut, supaya kamu tidak dihukum. Hakim sedang berdiri di ambang pintu. ¹⁰ Saudara-saudaraku, ingatlah nabi-nabi yang bersabda dengan nama Tuhan. Teladanilah kesabaran dan ketabahan mereka menanggung kesengsaraan.

¹¹ Kami mengatakan mereka orang yang diberkati kerana mereka tabah menanggung kesengsaraan. Kamu telah mendengar kisah kesabaran Ayub, dan kamu tahu pada akhirnya Tuhan memberkatinya. Tuhan amat berpengasihian dan penuh belas kasihan.

¹² Saudara-saudaraku, ini sangat penting: Janganlah bersumpah ketika mengikat janji. Jangan bersumpah demi langit, bumi atau

5:11 a: Ayb 1:21,22; 2:10; **b:** Mzm 103:8.

5:12: Mat 5:34-37.

apa-apa pun. Katakan “ya” apabila maksudmu ya, dan “tidak” apabila maksudmu tidak. Dengan demikian tidaklah kamu dihukum Allah.

Doa orang yang benar

¹³ Adakah sesiapa dalam kalanganmu yang sedang mengalami kesusahan? Berdoalah. Adakah sesiapa yang sedang bergembira? Nyanyikanlah lagu pujian kepada Allah.

¹⁴ Adakah sesiapa yang sakit? Panggillah para tua-tua jemaah untuk mendoakannya dan menyapukan minyak padanya dengan nama Tuhan. ¹⁵ Doa yang dilafazkan dengan iman akan menyembuhkan orang sakit itu. Tuhan akan memulihkan kesihatannya, dan dosanya akan diampunkan. ¹⁶ Oleh itu, hendaklah kamu saling mengakui dosa serta mendoakan satu sama lain, supaya kamu disembuhkan. Doa orang yang benar mempunyai kuasa yang hebat. ¹⁷ Elia seorang manusia biasa seperti kita. Dia berdoa bersungguh-sungguh supaya hujan tidak turun, maka selama tiga tahun setengah hujan tidak turun di bumi. ¹⁸ Selepas itu, dia berdoa lagi, lalu langit menurunkan hujan mencurah-curah dan tanah mengeluarkan hasil.

5:14: Mrk 6:13. **5:17:** 1Raj 17:1; 18:1.

5:18: 1Raj 18:42-45.

¹⁹ Saudara-saudaraku, jika seorang dalam kalanganmu tersesat daripada jalan kebenaran, lalu yang lain memimpinnya kembali kepada Allah, ²⁰ ingatlah ayat ini: Sesiapa memimpin seorang yang berdosa kembali daripada jalan yang salah, maka dia menyelamatkan roh orang yang berdosa itu daripada kematian dan menutupi banyak dosa.

1 PETRUS

1 ¹ Daripada Petrus, rasul Yesus Kristus, Kepada umat pilihan Allah yang tinggal merata-rata di Pontus, Galatia, Kapadokia, Asia dan Bitinia. ² Kamu terpilih menurut rancangan Allah Bapa, dijadikan umat-Nya dengan Roh Kudus, supaya taat akan Yesus Kristus dan disucikan dengan darah-Nya:

Semoga kamu dilimpahi kasih kurnia dan damai sejahtera daripada Allah.

Harapan dan iman

³ Puji bagi Allah dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus! Kerana belas kasihan-Nya yang amat besar Dia telah mengurniai kita kelahiran baru dengan membangkitkan Yesus Kristus daripada kematian. Dengan demikian, kita hidup dengan harapan yang tidak akan binasa, dan ⁴ kita mengharapkan warisan yang tidak mungkin reput, tercemar atau lenyap – disimpan untukmu di syurga. ⁵ Kamu dipelihara dengan kuasa Allah, melalui iman untuk penyelamatan yang akan ternyata sepenuhnya pada akhir zaman.

⁶ Oleh yang demikian bersukacitalah, meskipun sekarang untuk seketika mungkin kamu

berdukacita kerana menghadapi pelbagai cubaan. ⁷ Segalanya ini untuk menguji imanmu yang lebih berharga daripada emas, kerana emas tetap musnah walaupun telah diuji dengan api. Imanmu kelak ternyata tulen dan akan mendapat puji, penghormatan serta kemuliaan apabila Yesus Kristus datang kembali. ⁸ Kamu mengasihi-Nya walaupun belum pernah melihat-Nya. Kamu percaya kepada-Nya tanpa melihat-Nya. Oleh itu, kamu merasai kebahagiaan yang tidak terkata dan penuh dengan kemuliaan ⁹ kerana kamu akan mencapai matlamat imanmu, iaitu penyelamatan jiwamu.

¹⁰ Nabi-nabi telah mengkaji penyelamatan ini dan bernubuat tentang kasih kurnia Allah kepadamu. ¹¹ Roh Kristus yang ada pada nabi-nabi bernubuat tentang penderitaan Kristus dan kemuliaan-Nya kelak. Mereka berusaha untuk mengetahui bila dan bagaimana perkara itu akan terjadi. ¹² Allah telah menyatakan kepada nabi-nabi bahawa segala yang dilakukan oleh mereka itu bukan untuk mereka tetapi untuk kita. Sekarang perkara yang disampaikan oleh nabi-nabi itu telah kamu dengar melalui Injil yang diisytiharkan dengan kuasa Roh Kudus dari syurga. Para malaikat juga ingin mengerti perkara itu.

Hendaklah kamu suci

¹³ Oleh yang demikian, bersedialah dengan akal budimu, berjaga-jaga dan sandarkanlah harapan kepada kasih kurnia yang akan kamu terima apabila Yesus Kristus menyatakan diri-Nya kelak. ¹⁴ Jadilah anak-anak yang taat akan Allah, dan janganlah hidup mengikut nafsumu seperti dahulu, sebelum kamu mengenal-Nya.

¹⁵ Pastikanlah segala perbuatanmu suci, sebagaimana Tuhan yang memanggilmu itu suci.

¹⁶ Ada tersurat dalam Kitab Suci, "Hendaklah kamu suci, kerana Aku suci."

¹⁷ Jika kamu berdoa kepada Allah Bapa, yang menghakimi manusia dengan adil menurut perbuatan masing-masing, maka sepanjang hayatmu di dunia ini takuti dan patuhilah Dia. ¹⁸ Kamu mengetahui bahawa untuk membebaskanmu daripada hidup sia-sia warisan nenek moyangmu, tebusannya bukanlah sesuatu yang dapat dibinasakan seperti perak atau emas ¹⁹ tetapi darah Kristus yang amat berharga, darah anak domba yang tiada cacat celanya.

²⁰ Dia telah ditetapkan sebelum dunia dicipta, tetapi dinyatakan pada akhir zaman ini untukmu.

²¹ Melalui-Nya kamu percaya kepada Allah, yang

telah membangkitkan-Nya daripada kematian dan memberi-Nya kemuliaan, supaya kamu beriman dan berharap kepada Allah.

²² Oleh sebab kamu telah menyucikan jiwamu^f dalam mematuhi kebenaran supaya kamu mempunyai kasih persaudaraan yang ikhlas, maka kasihilah satu sama lain dengan sepenuh perasaan dan suci hati; ²³ kerana kamu telah dilahirkan semula, bukan daripada benih yang dapat dibinasakan tetapi daripada yang tidak mungkin dimusnahkan, melalui firman Allah yang hidup kekal selama-lamanya. ²⁴ Kerana,

“Semua manusia umpama rumput,
dan segala kemuliaannya umpama bunga di
padang;
rumpun layu, dan bunga gugur,
²⁵ tetapi firman Tuhan kekal selama-
lamanya.”

Ini ialah firman yang disampaikan kepadamu.

2¹ Oleh itu, singkirkan segala niat jahat, penipuan, kepura-puraan, iri hati dan semua fitnah. ² Seperti bayi yang baru lahir, hendaklah kamu selalu haus akan air susu suci firman Allah, supaya kamu bertumbuh subur sehingga beroleh

^f**1:22** Jiwamu: Atau ‘rohmu’ yang merujuk kepada seluruh diri atau jiwa.

1:24: Yes 40:6-8.

penyelamatan. ³ Kamu sendiri telah mengalami kebaikan Tuhan.

Yesus Kristus batu penjuru

⁴ Datanglah kepada Dia yang seperti batu hidup, yang dibuang oleh manusia tetapi dipilih oleh Allah dan berharga di hadirat-Nya. ⁵ Kamu juga umpama batu hidup, yang digunakan untuk membina rumah rohani bagi para imam yang suci, untuk mempersembahkan korban rohani yang diredai Allah melalui Yesus Kristus. ⁶ Ada tersurat dalam Kitab Suci:

“Lihatlah, Kuletakkan di Sion,
batu asas yang terpilih, berharga,
dan sesiapa yang percaya kepada-Nya
tidak akan diaibkan.”

⁷ Bagi kamu yang percaya, batu itu berharga, tetapi bagi mereka yang tidak percaya,

“Batu yang dibuang oleh pembina
telah menjadi batu penjuru,”

⁸ dan,

“Batu tempat orang tersandung
dan batu pejal yang membuat mereka
terjatuh.”

2:3: Mzm 34:8. **2:6:** Yes 28:16. **2:7:** Mzm 118:22.

2:8: Yes 8:14,15.

Mereka tersandung kerana mereka ingkar akan firman Allah, yang telah ditetapkan bagi mereka.

⁹ Tetapi kamu umat terpilih, para imam raja, bangsa suci, umat-Nya sendiri, yang dipilih untuk mengisytiharkan puji-pujian bagi Dia yang telah memanggilmu daripada kegelapan kepada cahaya-Nya yang gemilang. ¹⁰ Dahulu kamu bukan suatu umat tetapi sekarang kamu umat Allah. Dahulu kamu tidak mendapat belas kasihan Allah tetapi sekarang kamu telah mendapat belas kasihan-Nya.

¹¹ Saudara-saudara yang kukasihi, aku merayu kepadamu sebagai orang asing dan pendatang di dunia, jauhilah hawa nafsu yang sentiasa menyerang jiwa. ¹² Amalkan kelakuan yang mulia, maka apabila orang di kelilingmu yang tidak mengenal Allah mengata kamu berbuat jahat, mereka tetap melihat perbuatanmu yang baik lalu memuliakan Allah pada waktu Tuhan datang kembali.

Berserah kepada pemerintah

¹³ Demi Tuhan berserahlah kepada pemerintah dalam kerajaan manusia, baik raja sebagai pemerintah tertinggi ¹⁴ mahupun para penguasa

yang dilantiknya untuk menghukum orang yang berbuat jahat dan menghargai orang yang berbuat baik. ¹⁵ Inilah kehendak Allah, bahawa dengan berbuat baik kamu menutup mulut orang jahil dan bodoh yang hendak mengatamu. ¹⁶ Hiduplah dengan bebas, tetapi jangan gunakan kebebasan untuk menutup maksiat. Hiduplah sebagai hamba Allah. ¹⁷ Hormati semua orang: Kasihilah saudara-saudara seimanmu, takuti Allah, dan hormati raja.

¹⁸ Hamba, berserahlah kepada tuanmu dengan penuh hormat, bukan tuan yang baik dan lemah lembut sahaja, tetapi yang kejam juga.

¹⁹ Kamu layak dipuji jika kerana Allah kamu tabah menanggung derita akibat perlakuan yang tidak adil. ²⁰ Apakah istimewanya jika kamu menerima dengan sabar apabila dipukul kerana kesalahanmu? Tetapi apabila kamu berbuat baik lalu menderita, jika kamu menerimanya dengan sabar, maka kamu terpuji di mata Allah. ²¹ Justeru inilah kamu telah dipanggil, kerana Kristus juga menderita untuk kita, memberi kita teladan, supaya kita menurut jejak langkah-Nya.

²² “Dia tidak melakukan dosa,
dan tidak ada tipu daya dalam mulut-Nya.”

²³ Apabila Dia dicela, Dia tidak mencela kembali. Apabila Dia menderita, Dia tidak mengugut, tetapi menyerahkan diri-Nya kepada Allah yang menghakimi dengan adil. ²⁴ Dia menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk kebenaran.^g Luka-luka-Nya telah menyembuhkan kamu. ²⁵ Dahulu kamu seperti domba yang sesat, tetapi sekarang kamu telah kembali kepada Gembala dan Pemelihara jiwamu.

Isteri dan suami

3 ¹ Demikian juga kamu, isteri, berserahlah kepada suamimu. Dengan demikian, suami yang tidak percaya kepada firman Allah dapat ditarik untuk percaya tanpa sepele kata, hanya dengan kelakuan isterinya ² ketika mereka melihat betapa murni dan salihnya hidupmu. ³ Janganlah hiasi dirimu di luar sahaja – mendandan rambut, memakai emas atau pakaian indah. ⁴ Hiasilah batinmu, dengan keindahan yang tidak dapat dimusnahkan, iaitu bersikap lembut dan tenang, yang sangat berharga di mata

^g**2:24** Terjemahan lain: Hidup untuk kebenaran.

2:23: Yes 53:7. **2:24:** Yes 53:5,6.

3:1: Ef 5:22; Kol 3:18. **3:3:** 1Tim 2:9.

Allah. ⁵ Demikianlah hiasan perempuan zaman dahulu yang salih dan berharap pada Allah. Mereka berserah kepada suami, ⁶ seperti Sarah yang taat kepada Abraham dan memanggilnya tuan. Kamu ialah anak-anak perempuan Sarah jika kamu berbuat baik dan tidak takut apa-apa.

⁷ Suami, kamu juga hendaklah hidup bersama isterimu dengan sikap mengerti. Berilah penghormatan kepada isteri sebagai kaum yang lebih lemah dan sebagai rakan pewarismu yang sama-sama menerima kasih kurnia hidup. Dengan demikian doamu kepada Allah tidak akan terhalang.

Menderita kerana berbuat baik

⁸ Sebagai kesimpulan, bersatu hatilah kamu semua, dan amalkan belas ihsan antara satu sama lain. Jalinkanlah kasih persaudaraan antaramu, dengan hati yang lembut dan adab sopan yang baik. ⁹ Jangan balas kejahatan dengan kejahatan atau celaan dengan celaan. Sebaliknya balaslah dengan memohon Allah memberkati mereka. Kamu mengetahui bahawa Allah telah memanggilmu supaya kamu mendapat berkat kelak. ¹⁰ Kerana,

3:6: Kej 18:12. **3:7:** Ef 5:25; Kol 3:19.

3:10: Mzm 34:12-16.

“Sesiapa yang mencintai hidup
dan mengalami masa yang baik
hendaklah menjaga lidahnya
daripada kejahatan
dan bibirnya daripada kata-kata
yang palsu.

¹¹ Hendaklah dia tinggalkan kejahatan
dan lakukan kebaikan;
hendaklah dia cari
dan buru kedamaian.

¹² Kerana mata Tuhan tertuju
kepada orang yang benar
dan telinga-Nya mendengar doa mereka,
tetapi wajah Tuhan menentang mereka yang
berbuat jahat.”

¹³ Siapakah yang akan menyakitimu jika kamu
berbuat kebaikan dengan penuh semangat?

¹⁴ Namun demikian, walaupun kamu menderita
kerana melakukan yang benar, kamu akan
diberkati. “Jangan takut akan ugutan mereka
dan janganlah bimbang.” ¹⁵ Hormatilah
Kristus sebagai Tuhan dalam hatimu dan
sentiasa bersedia memberikan jawapan yang
meyakinkan apabila seseorang bertanyakan
asas harapan dalam hatimu. Jawab dengan
lembut dan hormat, ¹⁶ serta dengan suara hati

yang murni. Dengan demikian mereka yang mencela kelakuan baikmu dalam Kristus akan berasa malu. ¹⁷ Jika dikehendaki Allah kamu menderita kerana melakukan kebaikan, itu lebih baik daripada menderita kerana melakukan kejahatan. ¹⁸ Kristus juga telah mati sekali untuk selama-lamanya kerana dosa kita. Dia yang benar telah menderita untuk orang yang tidak benar supaya Dia dapat membawa kita kepada Allah. Dia telah dibunuh secara jasmani tetapi dihidupkan semula sebagai Roh. ¹⁹ Dalam keadaan demikian, Dia pergi menyampaikan perkhabaran kepada roh-roh yang dipenjarakan. ²⁰ Roh-roh itu tidak taat akan Allah yang menantikan mereka dengan sabar sepanjang masa Nuh membina bahteranya. Hanya lapan orang menaiki bahtera itu dan diselamatkan melalui air. ²¹ Air bah itu melambangkan baptisan yang sekarang menyelamatkan kita, baptisan – bukan pembersihan kotoran badan tetapi sambutan hati nurani yang bersih terhadap Allah – melalui kebangkitan Yesus Kristus daripada kematian. ²² Dia telah pergi ke syurga dan sekarang berada di kanan Allah. Para malaikat, penguasa dan pemerintah telah diletakkan di bawah-Nya.

Hidup demi Allah

4¹ Oleh sebab Kristus telah menderita secara jasmani untuk kita, teguhkanlah dirimu untuk menghadapi penderitaan demikian. Dia yang telah menderita secara jasmani itu telah mengatasi dosa.² Dia tidak meneruskan hidupnya secara jasmani untuk memuaskan nafsu insani tetapi untuk melakukan kehendak Allah.³ Sudah cukuplah waktu hidup silam yang kita habiskan dengan melakukan kehendak orang yang tidak mengenal Allah – hidup cabul, memuaskan nafsu, mabuk-mabuk bersuka ria, minum arak di majlis, dan melakukan kerja terkutuk menyembah berhala.⁴ Dalam hal ini, mereka hairan kerana kamu tidak lagi menyertai mereka dalam kancah maksiat itu, lalu mereka mencela kamu.⁵ Mereka kelak harus mempertanggungjawabkan perbuatan mereka kepada Allah yang sedia menghakimi orang hidup dan orang mati.⁶ Itulah sebabnya Injil juga disampaikan kepada orang yang telah mati, supaya mereka yang dihakimi sebagai manusia secara jasmani, dapat hidup secara rohani menurut kehendak Allah.

⁷ Sudah hampir waktunya bagi segala-galanya berakhir. Oleh itu, berdoalah dengan

bersungguh-sungguh dan berjaga-jaga. ⁸ Paling utama, kasihilah satu sama lain kerana kasih akan menutup banyak dosa. ⁹ Raikan satu sama lain tanpa bersungut. ¹⁰ Setiap orang antaramu telah menerima pelbagai kurnia daripada Allah. Sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Allah, gunakanlah kurnia itu untuk kebaikan semua.

¹¹ Jika sesiapa menyampaikan perkhabaran, sampaikanlah firman daripada Allah. Jika sesiapa memberi pertolongan, berilah dengan keupayaan yang dibekalkan oleh Allah. Dengan demikian, dalam semua hal Allah akan dimuliakan melalui Yesus Kristus yang memiliki kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya. Amin.

Menderita kerana menjadi pengikut Kristus

¹² Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah hairan bahawa kamu diuji dengan penderitaan yang berat, jangan anggap perkara itu luar biasa.

¹³ Sebaliknya, bergembiralah bahawa kamu turut mengalami penderitaan Kristus. Dengan demikian, apabila kemuliaan-Nya ternyata, kamu juga dapat berasa sukacita yang tidak terhingga. ¹⁴ Sekiranya kamu dicela kerana menjadi pengikut dan mengambil nama Kristus, diberkatilah kamu kerana Roh yang mulia iaitu

Roh Allah ada bersamamu. ¹⁵ Namun demikian, janganlah seorang pun antara kamu menderita kerana kesalahan membunuh, mencuri, berbuat jahat atau mencampuri hal orang. ¹⁶ Tetapi jika sesiapa menderita sebagai seorang Kristian, janganlah berasa malu, malah muliakanlah Allah kerananya.

¹⁷ Sudah tiba masanya penghakiman dimulai, dan pertama-tama dihakimi ialah umat Allah^h sendiri. Jika penghakiman itu dimulai dengan kita, bagaimanakah kesudahannya orang yang tidak mentaati Injil daripada Allah? ¹⁸ Dan,

“Jika orang benar pun sukar diselamatkan, apa jadinya orang yang ingkar dan yang berdosa?”

¹⁹ Oleh itu, mereka yang menderita menurut kehendak Allah hendaklah berbuat baik sambil berserah kepada Allah, Pencipta yang setia.

Jemaah umat Allah

5 ¹ Kepada tua-tua jemaah dalam kalanganmu, kutujukan pesanan ini. Aku, sebagai seorang tua-tua juga yang telah menyaksikan penderitaan Kristus dan yang akan turut dimuliakan apabila kemuliaan-Nya ternyata, menyerumu: ² Jagalah

^h**4:17** Harfiah: Rumah Allah.

4:18: Ams 11:31. **5:2:** Yoh 21:15-17.

jemaah Allah sekitarmu seperti gembala menjaga kawanan domba. Awasi mereka – bukan secara terpaksa tetapi dengan rela; bukan untuk mendapat keuntungan yang tidak wajar, tetapi dengan sepenuh hati; ³ bukan sebagai tuan bagi mereka yang diamanahkan kepadamu, tetapi sebagai teladan untuk mereka. ⁴ Apabila Gembala Agung datang kelak, kamu akan menerima mahkota kemuliaan yang kekal.

⁵ Demikian juga kamu, orang muda, tunduklah kepada orang tua yang memimpinmu. Ya, kamu semua hendaklah saling menghormati dan merendah diri, kerana,

“Allah menentang orang yang angkuh tetapi memberikan anugerah kepada orang yang rendah hati.”

⁶ Oleh itu, rendahkan dirimu di bawah kuasa Allah, supaya kamu ditinggikan-Nya pada waktu yang telah ditetapkan. ⁷ Serahkan segala kerunsinganmu kepada Allah, kerana Dia mengambil berat tentangmu.

⁸ Kawallah dirimu dan berwaspadalah, kerana musuhmu Iblis merayau seperti singa yang mengaum mencari mangsa. ⁹ Lawanlah Iblis dengan iman yang teguh. Kamu tahu bahawa penderitaan yang sama sedang ditanggung

oleh saudara-saudara seimanmu serata dunia.

¹⁰ Tetapi setelah kamu menderita beberapa waktu, Allah, sumber segala kasih kurnia, yang telah memanggil kamu dalam Kristus untuk turut menikmati kemuliaan-Nya yang kekal, akan menyempurnakan, menegakkan, mengukuhkan dan menenteramkan kamu. ¹¹ Bagi Allah segala kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya. Amin.

Salam akhir

¹² Aku menulis surat ringkas ini kepadamu dengan pertolongan Silwanus, yang kuanggap saudara kita yang setia. Tujuanku ialah menasihatimu dan memberi ringkasan kesaksianku bahawa inilah kasih kurnia sejati daripada Allah untukmu. Berdiri teguhlah di dalamnya.

¹³ Jemaah di Babel, yang sepertimu juga dipilih Allah, berkirim salam kepadamu, begitu juga anakku Markus. ¹⁴ Bersalamanlah dengan ciuman kasih sayang.

Selamat sejahtera kepada kamu semua yang ada dalam Kristus.

5:12: Kis 15:22,40.

5:13: Kis 12:12,25; 13:13; 15:37-39; Kol 4:10; Flm 1:24.

2 PETRUS

1 ¹ Daripada Simon Petrus, hamba dan rasul Yesus Kristus,

Kepada mereka yang seiman dengan kami melalui perbenaran Allahⁱ dan Penyelamat kita Yesus Kristus:

² Semoga kamu dilimpahi berkat dan damai sejahtera daripada Allah, kerana kamu mengenal Allah dan Tuhan Yesus.

Panggilan dan pilihan Allah

³ Dengan kuasa ilahi-Nya Allah telah mengurniai kita segala yang diperlukan untuk hidup dan kesalihan, melalui apa yang kita ketahui tentang Dia yang memanggil kita dengan kemuliaan dan kebaikan-Nya. ⁴ Allah telah menganugerahi kita janji yang besar dan berharga. Melaluinya kamu akan mengambil bahagian dalam sifat keilahian Allah setelah menjauhi kebinasaan akibat hawa nafsu di dunia. ⁵ Oleh itu, berusaha

ⁱ**1:1** Perkataan 'perbenaran' membawa beberapa makna tertakluk kepada konteksnya. Dalam ayat ini, perbenaran merujuk kepada tindakan Allah untuk meniadakan kesalahan dan hukuman dosa di samping memungkinkan orang berdosa berbaik semula dengan-Nya.

untuk membekalkan imanmu dengan kebaikan; dan kebaikan dengan pengetahuan; ⁶ dan pengetahuan dengan penguasaan diri; dan penguasaan diri dengan ketabahan; dan ketabahan dengan kesalihan; ⁷ dan kesalihan dengan belas ihsan persaudaraan; dan belas ihsan persaudaraan dengan kasih. ⁸ Jika kamu semakin kaya dengan segala ini, tidaklah kamu sia-sia dan hampa dalam mengenal Tuhan kita Yesus Kristus. ⁹ Seseorang yang tidak memiliki sifat-sifat ini adalah rabun, malah buta, dan lupa bahawa dia telah disucikan daripada dosa-dosanya dahulu.

¹⁰ Oleh itu, saudara-saudaraku, berusaha lebih keras lagi untuk memastikan kekalnya panggilan dan pilihan Allah akan dirimu. Jika kamu melakukan segala ini, kamu tidak akan tersandung. ¹¹ Kamu akan diberi sepenuh hak untuk mewarisi kerajaan kekal Tuhan dan Penyelamat kita Yesus Kristus.

Nubuat dalam Kitab Suci

¹² Oleh itu, aku tidak akan lalai daripada mengingatkan kamu tentang segala ini, walaupun kamu sudah mengetahuinya dan berpegang teguh pada ajaran benar yang kamu terima. ¹³ Selagi ada hayatku, wajarlah aku mengingatkan kamu tentang hal-hal itu. ¹⁴ Aku tahu tidak

lama lagi aku akan meninggalkan dunia ini, sebagaimana telah dinyatakan jelas kepadaku oleh Tuhan kita Yesus Kristus. ¹⁵ Aku akan mengusahakan supaya kamu tetap diingatkan tentang hal-hal itu setelah aku tiada lagi.

¹⁶ Kami tidaklah bercerita dongeng kepadamu apabila kami memberitahumu tentang kekuasaan Tuhan kita Yesus Kristus dan kedatangan-Nya. Kami telah menyaksikan kemuliaan-Nya dengan mata kami sendiri. ¹⁷ Dia telah menerima penghormatan dan kemuliaan daripada Allah Bapa. Suatu suara daripada Yang Maha Tinggi berfirman, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan.” ¹⁸ Kami telah mendengar suara yang datang dari syurga ketika kami bersama-Nya di puncak gunung suci.

¹⁹ Dengan demikian, kata-kata nubuat yang ada pada kami menjadi lebih jelas. Terimalah kata-kata nubuat ini seperti lampu yang bersinar di tempat gelap, hingga fajar menyingsing dan bintang pagi terbit dalam hatimu. ²⁰ Hal terutama yang harus kamu ketahui: Tidak ada satu nubuat pun dalam Kitab Suci yang berasal daripada pentafsiran sendiri, ²¹ kerana nubuat bukanlah lahir dengan kehendak manusia, tetapi disuarakan oleh orang ketika digerakkan oleh Roh

Kudus untuk menyampaikan kata-kata daripada Allah.

Nabi dan guru palsu

2¹ Namun demikian, ada nabi-nabi palsu dalam kalangan umat Allah pada zaman dahulu. Di antaramu juga akan muncul guru-guru palsu yang secara rahsia membawa masuk ajaran sesat yang memusnahkan. Mereka tergamak menyangkal Tuhan yang telah menyelamatkan mereka, lalu mereka ditimpa kemusnahan dalam sekelip mata.² Ramai orang akan mengikut cara mereka yang memalukan itu. Oleh itu, jalan yang benar akan dikufuri.³ Dengan tamak haloba, mereka akan memperalatkan kamu melalui kata-kata dusta. Hukuman untuk mereka sudah ditetapkan dan akan menimpa mereka.

⁴ Allah tidak melepaskan malaikat yang berdosa daripada hukuman, tetapi menghancurkan mereka ke neraka dan membelenggu mereka dalam kegelapan untuk dihakimi kelak.⁵ Dan Allah juga tidak melepaskan dunia purba daripada hukuman. Allah hanya menyelamatkan Nuh, penyampai perbenaran^j dengan tujuh orang yang lain, ketika Dia mendatangkan

^j2:5 Terjemahan lain: Penyampai kebenaran.

air bah kepada semua manusia yang ingkar.

⁶ Allah telah memusnahkan kota Sodom dan Gomora sehingga menjadi abu, membinasakan penduduknya sebagai contoh hukuman terhadap orang yang ingkar. ⁷ Tetapi Allah menyelamatkan Lut, seorang yang benar, yang berdukacita kerana kelakuan cabul orang durjana ⁸ (jiwa Lut yang benar terseksa dari hari ke hari melihat dan mendengar perlakuan liar orang di kelilingnya).

⁹ Nyatalah bahawa Tuhan mengetahui cara menyelamatkan orang yang warak daripada godaan dan mengasingkan orang durjana untuk dihukum pada hari penghakiman, ¹⁰ terutamanya mereka yang menurut hawa nafsu cabul dan menghina kekuasaan Allah.

Mereka menganggap diri mereka besar dan mengikut kehendak sendiri semata-mata. Mereka tidak takut mencela makhluk yang adikudrati.^k

¹¹ Sedangkan para malaikat yang lebih kuat dan berkuasa tidak pernah mencela dan menuduh makhluk yang adikudrati itu di hadapan Tuhan.

¹² Tetapi mereka ini, seperti binatang buas yang dijadikan untuk ditangkap dan dibunuh, mencela

^k**2:10,11** Perkataan 'adikudrati' lebih mengutamakan kehadiran unsur-unsur keanehan, kekaguman dan keajaiban, sesuatu yang di luar kekuasaan alam.

hal-hal yang tidak difahami, maka mereka akan dibinasakan. ¹³ Mereka akan menerima balasan perbuatan maksiat mereka seperti bersuka ria pada siang hari untuk memuaskan hawa nafsu. Mereka dipenuhi cacat cela dan bergembira memperdayamu sambil berjamu bersamamu.

¹⁴ Mata mereka dipenuhi nafsu cabul dan sentiasa berdosa, menggoda orang yang goyah imannya, hati mereka dikuasai tamak haloba dan mereka anak-anak yang terlaknat. ¹⁵ Mereka telah meninggalkan jalan yang benar lalu sesat mengikut jalan Bileam anak Bior, yang suka mendapat upah daripada kejahatan. ¹⁶ Tetapi dia telah ditegur kerana perbuatan jahatnya oleh seekor keldai yang bercakap dengan suara manusia lalu menjauhkan Bileam daripada perbuatannya yang tidak waras.

¹⁷ Mereka ini ibarat mata air yang kering dan kabus yang ditiup ribut. Kegelapan yang hitam pekat tersedia untuk mereka. ¹⁸ Apabila mereka mengeluarkan kata-kata yang hebat tetapi kosong, mereka menggunakan hawa nafsu dan keinginan cabul untuk menggoda orang yang baru terlepas daripada golongan yang hidup sesat. ¹⁹ Mereka menjanjikan kebebasan, sedangkan mereka sendiri hamba kebinasaan

– kerana seseorang yang dikalahkan itu menjadi hamba kepada yang mengalahkannya. ²⁰ Sekiranya, seseorang telah terlepas daripada noda dunia dengan mengenal Tuhan dan Penyelamat kita Yesus Kristus, kemudian terjebak semula lalu tewas, maka keadaannya lebih buruk daripada sebelum dia mengenal Kristus. ²¹ Lebih baiklah jika dia tidak mengenal jalan yang benar, daripada mengenalnya, dan kemudian membelakangi perintah suci yang telah disampaikan kepadanya. ²² Yang terjadi kepadanya itu seperti kata pepatah yang benar: “Anjing akan menjilat muntahnya kembali,” dan “Babi yang dimandikan akan berkubang semula di lumpur.”

Hari Tuhan

3 ¹ Saudara-saudara yang kukasihi, aku menulis surat yang kedua ini kepadamu. Aku menulis kedua-dua suratku untuk merangsang pemikiran murnimu untuk mengingatkanmu ² supaya kamu ingat akan kata-kata para nabi yang suci dan perintah Tuhan dan Penyelamat kita sebagaimana yang disampaikan oleh para rasulmu. ³ Pertama, kamu harus tahu bahawa para pencemuh akan muncul pada akhir zaman. Sambil berbuat sesuka

hati memuaskan nafsu, ⁴ mereka akan berkata, “Manakah ‘kedatangan-Nya’ yang dijanjikan itu? Nenek moyang kita sudah tiada, tetapi segala-galanya berterusan seperti sejak alam mula dicipta.” ⁵ Mereka sengaja melupakan bahawa dahulu Allah telah mencipta langit dan bumi dengan firman-Nya dan bumi dibentuk daripada air dan dengan air, ⁶ dan dengan air itu juga dunia yang wujud dahulu dimusnahkan dengan air bah. ⁷ Tetapi langit dan bumi yang sekarang dipelihara dengan firman itu juga akan dimusnahkan dengan api, menjelang harinya orang ingkar dihukum dan dibinasakan.

⁸ Tetapi, saudara-saudara yang kukasihi, jangan lupa satu perkara: Di sisi Tuhan satu hari serupa seribu tahun, dan seribu tahun serupa satu hari. ⁹ Tuhan bukannya lengah menepati janji, seperti sangkaan sesetengah orang, tetapi amat bersabar dengan kita, kerana Dia tidak mahu seorang pun binasa dan Dia ingin semuanya bertaubat.

¹⁰ Namun demikian, hari Tuhan akan tiba seperti datangnya pencuri pada malam hari. Langit akan lenyap dengan bunyi gemuruh dan segala anasir akan lebur oleh kepanasan

3:5: Kej 1:6-9. **3:6:** Kej 7:11. **3:8:** Mzm 90:4.

3:10: Mat 24:43; Luk 12:39; 1Tes 5:2; Why 16:15.

yang dahsyat, bumi serta segala yang wujud di dalamnya akan hangus terbakar. ¹¹ Oleh sebab segala-galanya akan musnah, bagaimanakah sewajarnya kamu hidup? Kamu harus hidup suci dan taat akan Allah, ¹² sementara menanti dan mempercepat menjelangnya hari penghakiman Allah. Pada hari itu langit akan musnah terbakar dan segala anasir lebur oleh kepanasan yang dahsyat. ¹³ Tetapi kita berpegang kepada apa yang telah dijanjikan-Nya, iaitu langit baru dan bumi baru^l yang dipenuhi dengan segala yang benar.

¹⁴ Oleh itu, saudara-saudara yang kukasihi, sementara menantikan semua itu, berusaha untuk hidup suci, tidak bercela dan berdamai dengan Dia. ¹⁵ Anggaph kesabaran Tuhan kita sebagai penyelamatan, sebagaimana saudara kita yang dikasihi, Paulus, telah mengatakan dalam suratnya untukmu, dengan kebijaksanaan yang telah dikurniakan kepadanya. ¹⁶ Paulus menulis tentang hal-hal demikian dalam semua suratnya. Sesetengahnya sukar difahami, lalu orang yang jahil dan tipis iman memesongkan ertinya ke arah kebinasaan diri mereka sendiri.

^l**3:13** Atau: Kediaman yang penuh perbenaran.

3:13: Yes 65:17; 66:22; Why 21:1.

Demikian juga dilakukan oleh mereka terhadap tulisan-tulisan lain dalam Kitab Suci.

¹⁷ Saudara-saudara yang kukasihi, oleh sebab kamu telah mengetahui hal ini, berjaga-jagalah, jangan tergelincir daripada pendirianmu yang teguh akibat disesatkan oleh kesilapan orang durjana. ¹⁸ Hendaklah kamu semakin kukuh dalam kasih kurnia Tuhan dan Penyelamat kita Yesus Kristus dan semakin mengenal-Nya. Bagi-Nya kemuliaan, sekarang dan selama-lamanya! Amin.

1 YOHANES

Firman Tuhan yang hidup

1 ¹ Apa yang telah wujud sejak mulanya, yang telah kami dengar, yang telah kami lihat, dan yang telah kami sentuh dengan tangan – itulah yang kami beritakan tentang Firman yang memberi hidup. ² Hidup itu telah ditunjukkan; kami telah melihat, dan memberikan kesaksian, serta memberitahumu tentang hidup kekal bersama Bapa yang telah ditunjukkan kepada kami. ³ Kami memberitahumu apa yang telah kami lihat dan dengar, supaya kamu juga dapat bersaudara dengan kami. Sesungguhnya, kami hidup dalam keakraban dengan Bapa dan Anak-Nya Yesus Kristus. ⁴ Kami menulis tentang segala ini kepadamu supaya kebahagiaanmu sempurna.

Allah itu cahaya

⁵ Inilah perutusan yang telah kami dengar daripada-Nya dan sampaikan kepadamu: Allah itu cahaya; dan sama sekali tiada kegelapan

dalam-Nya. ⁶ Sekiranya kita mengatakan bahawa kita hidup dalam keakraban dengan-Nya sedangkan kita melangkah dalam kegelapan, maka kita berdusta dan tidak mengamalkan kebenaran. ⁷ Tetapi jika kita melangkah dalam cahaya, sebagaimana Allah wujud dalam cahaya, maka benar-benarlah kita hidup dalam persaudaraan satu sama lain, dan darah Yesus, Anak-Nya, menyucikan kita daripada segala dosa.

⁸ Sekiranya kita mengatakan bahawa kita tidak berdosa, kita menipu diri kita sendiri dan kebenaran tidak ada dalam diri kita. ⁹ Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan. ¹⁰ Namun sekiranya kita mengatakan bahawa kita tidak pernah berdosa, kita menuduh Allah itu pendusta, dan firman-Nya tidak ada dalam diri kita.

2 ¹ Anak-anakku, aku menuliskan hal-hal ini kepadamu supaya kamu tidak berbuat dosa. Akan tetapi, jika sesiapa berbuat dosa, kita mempunyai seorang Pembela ke hadirat Bapa, iaitu Yesus Kristus Yang Benar itu. ² Dialah korban pendamaian bagi dosa kita, malah bukan dosa kita sahaja tetapi dosa seluruh umat manusia.

³ Jika kita taat akan perintah Allah, benarlah kita mengenal-Nya. ⁴ Sekiranya seseorang berkata,

“Aku mengenal Allah,” tetapi tidak taat akan perintah-Nya, maka dia seorang pendusta dan kebenaran tidak ada dalam dirinya. ⁵ Tetapi jika sesiapa taat akan firman Allah, maka sempurnalah kasih Allah di dalam orang itu. Dengan demikian kita ketahui kita ada di dalam Dia: ⁶ Sesiapa berkata bahawa dia tetap di dalam Allah, hendaklah dia menurut jejak langkah Kristus.

⁷ Sahabat-sahabat yang kukasihi, perintah yang kutulis ini bukanlah perintah baru. Perintah ini perintah lama, yang telah kamu terima dari mulanya. Perintah lama ini firman Allah yang telah kamu dengar. ⁸ Namun demikian, perintah yang kutulis ini tetap baru: Kebenarannya ternyata pada diri Kristus dan dirimu. Ini disebabkan kegelapan hampir berlalu dan cahaya yang benar telah pun bersinar.

⁹ Sesiapa yang berkata bahawa dia hidup dalam cahaya tetapi dia benci akan saudaranya, maka dia tetap berada dalam kegelapan hingga sekarang. ¹⁰ Sesiapa yang kasih akan saudaranya hidup dalam cahaya dan dalam dirinya tidak ada sesuatu pun yang dapat membuatnya kecundang. ¹¹ Tetapi sesiapa yang benci akan saudaranya hidup dalam kegelapan. Dia melangkah dalam

kegelapan dan tidak tahu ke mana hala tujunya, kerana kegelapan telah membutakannya.

¹² Anak-anakku, aku menulis kepadamu, kerana dosamu telah diampunkan atas nama Kristus.

¹³ Bapa-bapa, aku menulis kepadamu, kerana kamu mengenal Dia yang telah wujud dari mulanya.

Orang muda, aku menulis kepadamu, kerana kamu telah menewaskan si durjana.

Anak-anakku, aku menulis kepadamu, kerana kamu mengenal Bapa.

¹⁴ Aku menulis kepadamu, bapa-bapa, kerana kamu mengenal Dia yang telah wujud dari mulanya.

Aku menulis kepadamu, orang muda, kerana imanmu kukuh, kamu menaruh firman Allah dalam dirimu, dan kamu telah menewaskan si durjana.

Jangan kasihi dunia

¹⁵ Jangan kasihi dunia ini atau sesuatu di dalamnya. Jika seseorang mengasihi dunia ini, maka kasih terhadap Bapa tidak ada dalam dirinya. ¹⁶ Segala yang ada di dunia ini – keinginan nafsu dan mata, serta segala keangkuhan hidup – bukanlah daripada Bapa tetapi daripada dunia. ¹⁷ Dunia dan segala hawa nafsu yang

ada di dalamnya sedang lenyap, tetapi orang yang melakukan kehendak Allah akan kekal selama-lamanya.

Penentang Kristus

¹⁸ Anak-anakku, akhir zaman sudah hampir menjelang. Kamu telah diberitahu bahawa dajal, penentang Kristus itu, akan muncul. Sekarang pun telah muncul ramai orang yang menentang Kristus. Dengan demikian kita tahu bahawa akhir zaman sudah hampir menjelang. ¹⁹ Mereka telah memisahkan diri daripada kita. Tetapi mereka sebenarnya bukanlah sebahagian daripada kita. Jika mereka benar-benar sebahagian daripada kita, tentulah mereka tetap bersama kita. Oleh itu, tindakan mereka memisahkan diri daripada kita menunjukkan kesemua mereka itu bukanlah benar-benar sebahagian daripada kita.

²⁰ Kamu telah menerima pengurapan daripada Yang Kudus,^m maka kamu mengenal kebenaran.

²¹ Aku menulis kepadamu bukan kerana kamu tidak mengenal kebenaran tetapi kerana kamu mengenalnya. Kamu juga tahu bahawa yang dusta tidak berasal daripada yang benar.

²² Sesiapa yang mengatakan bahawa Yesus bukan Kristus, dialah pendusta. Orang itu tidak

^m**2:20** Atau: Pengurapan Roh Kudus.

mengakui Bapa dan Anak-Nya, dan dialah dajal, penentang Kristus. ²³ Sesiapa yang tidak mengakui Anak, maka dia juga tidak mengakui Bapa. Sesiapa yang menerima Anak, maka dia juga menerima Bapa.

²⁴ Oleh yang demikian, pastikan perkhabaran yang kamu dengar dari mulanya tetap ada di dalam dirimu. Jika perkhabaran itu tetap ada di dalam dirimu, kamu akan sentiasa tetap di dalam Anak dan juga di dalam Bapa. ²⁵ Inilah yang dijanjikan kepada kita, iaitu hidup yang kekal.

²⁶ Aku menulis kepadamu tentang mereka yang hendak menyesatkanmu. ²⁷ Tetapi bagi kamu, pengurapanⁿ yang kamu terima daripada-Nya itu tetap ada dalam dirimu. Kamu tidak memerlukan ajaran daripada sesiapa pun, kerana Roh-Nya telah mengajar segalanya kepadamu, dan segalanya benar, tidak ada yang dusta. Oleh itu, tetapkanlah kamu di dalam Dia.

Anak-anak Allah

²⁸ Sekarang pun, hai anak-anakku, kamu harus tetap di dalam-Nya, supaya apabila Dia datang kelak, kita dapat menghadap-Nya dengan berani, tanpa rasa malu. ²⁹ Jika kamu tahu bahawa Dia

ⁿ**2:27** Pengurapan dlm bahasa Yunani 'χρῖσμα' (chrisma) yang diterima oleh orang percaya merujuk kepada Roh yang dikurniakan kepada mereka.

itu benar, maka kamu harus tahu bahawa orang yang melakukan apa yang benar, lahir^o daripada Allah.

3¹ Ketahuilah betapa kasihnya Bapa kepada kita sehingga kita disebut anak-anak Allah! Dan sememanglah begitu! Sebabnya dunia ini tidak mengenal kita ialah kerana dunia ini tidak mengenal Allah. ² Sahabat-sahabat yang kukasihi, sekarang ini kita anak-anak Allah, tetapi belum nyata bagaimana keadaan kita kelak. Tetapi kita tahu bahawa apabila Kristus datang, kita akan menjadi seperti-Nya, kerana kita akan melihat-Nya dalam keadaan-Nya yang sebenar. ³ Sesiapa yang menaruh harapan ini kepada Kristus akan memelihara dirinya supaya suci, sebagaimana Kristus itu suci.

⁴ Sesiapa yang berbuat dosa, dia melakukan kekeleluasaan kerana dosa itu perbuatan kekeleluasaan. ⁵ Kamu tahu bahawa Kristus dihantar untuk menghapuskan dosa umat manusia; dalam diri-Nya tiada dosa. ⁶ Oleh itu, sesiapa yang tetap di dalam Kristus tidak akan

^o**2:29** Perkataan, 'lahir' membawa maksud menerima hidup baru daripada Allah. Juga diterjemahkan sebagai menjadi anak Allah.

berbuat dosa berterusan. Sesiapa yang terus berbuat dosa belum melihat dan mengenal Dia.

⁷ Anak-anakku, jangan biarkan sesiapa pun menyesatkanmu. Sesiapa yang melakukan apa yang benar adalah orang yang benar, seperti Kristus. ⁸ Orang yang terus berbuat dosa itu berasal daripada Iblis, kerana dari mulanya lagi Iblis telah berbuat dosa. Itulah sebabnya Anak Allah datang untuk membinasakan pekerjaan Iblis.

⁹ Sesiapa yang lahir^p daripada Allah tidak akan berbuat dosa berterusan kerana benih Allah ada dalam dirinya. Oleh sebab dia lahir daripada Allah^q, dia tidak mungkin berbuat dosa berterusan. ¹⁰ Dengan demikian nyatalah perbezaan antara anak-anak Allah dengan anak-anak Iblis. Orang yang tidak melakukan apa yang benar bukanlah anak Allah, demikian juga orang yang tidak mengasihi saudaranya.

Saling mengasihi

¹¹ Kamu telah mendengar perkhabaran ini dari mulanya: Kita harus kasih-mengasihi.

^p**3:9** Juga diterjemahkan sebagai anak Allah.

^q**3:9** Atau: Juga diterjemahkan sebagai 'Oleh sebab Allah itu Bapanya.'

3:11: Yoh 13:34.

¹² Janganlah kita bertindak seperti Kain yang asalnya daripada Iblis dan membunuh adiknya sendiri. Mengapakah dia membunuh adiknya? Semata-mata kerana perbuatannya salah sedangkan perbuatan adiknya benar.

¹³ Oleh itu, saudara-saudaraku, janganlah hairan jika kamu dibenci oleh orang di dunia ini. ¹⁴ Kita tahu bahawa kita terus hidup dan tidak akan binasa kerana kita mengasihi saudara-saudara kita. Sesiapa yang tidak mengasihi saudaranya akan tetap dikuasai oleh maut. ¹⁵ Sesiapa yang benci akan saudaranya ialah pembunuh. Kamu tahu bahawa seorang pembunuh tidak mempunyai hidup yang kekal dalam dirinya. ¹⁶ Dengan demikian kita tahu bagaimana cara mengasihi seseorang: Yesus Kristus telah menyerahkan nyawa-Nya untuk kita. Oleh itu kita harus menyerahkan nyawa kita untuk saudara-saudara kita. ¹⁷ Jika seorang yang berharta melihat saudaranya yang miskin memerlukan bantuan tetapi tidak mahu menolongnya, bagaimanakah kasih Allah dapat hidup dalam dirinya? ¹⁸ Anak-anakku, janganlah kasih kita di mulut sahaja. Kita hendaklah kasih-mengasihi melalui perbuatan dan kebenaran yang sejati.

¹⁹ Dengan demikian kita tahu bahawa kita anak-anak Allah yang benar dan hati kita tetap damai di hadirat Allah ²⁰ sekiranya hati nurani kita menyalahkan kita. Sebabnya kita tahu bahawa Allah lebih besar daripada hati kita dan Allah Maha Mengetahui. ²¹ Oleh yang demikian, saudara-saudara yang kukasihi, jika hati nurani kita tidak menyalahkan kita, kita dapat menghadap Allah dengan tetap hati. ²² Kita menerima apa yang kita minta daripada-Nya kerana kita taat akan perintah-Nya dan melakukan apa yang diredai-Nya. ²³ Perintah-Nya adalah: kita harus percaya akan nama Anak-Nya, Yesus Kristus, dan kasih-mengasihi seperti suruhan Kristus. ²⁴ Sesiapa yang taat akan perintah-Nya tetap ada di dalam Allah dan Allah ada di dalamnya. Kita tahu bahawa Allah tetap ada di dalam kita kerana Dia telah mengurniakan Roh-Nya kepada kita.

Ujilah setiap roh

4 ¹ Saudara-saudara yang kukasihi, jangan percayai setiap roh. Sebaliknya ujilah setiap roh itu sama ada datang daripada Allah kerana terdapat ramai penipu telah menjelajah ke seluruh dunia. ² Untuk memastikan sama ada

roh itu Roh Allah, inilah caranya: Jika roh itu mengakui bahawa Yesus Kristus telah datang ke dunia sebagai manusia, maka roh itu datang daripada Allah. ³ Tetapi jika roh itu menolak hakikat tentang Yesus ini, nyatalah roh itu bukan daripada Allah tetapi daripada dajal, penentang Kristus. Kamu sudah mendengar bahawa roh itu akan muncul. Sekarang roh itu sudah pun ada di dunia ini.

⁴ Namun demikian, anak-anakku, kamu milik Allah. Kamu telah menewaskan nabi-nabi palsu itu, kerana roh yang ada padamu lebih berkuasa daripada roh yang ada di dalam dunia. ⁵ Nabi-nabi palsu itu berkata tentang hal ehwal daripada pandangan dunia dan orang dunia ini mendengar kata-kata mereka kerana mereka milik dunia ini. ⁶ Tetapi kita milik Allah. Sesiapa yang mengenal Allah mendengar kata-kata kita dan sesiapa yang bukan milik Allah tidaklah mahu mendengar kata-kata kita. Demikianlah caranya kita mengenal pasti Roh yang membawa kebenaran dan roh yang menyesatkan.

Kasih Allah

⁷ Saudara-saudara yang kukasihi, marilah kita kasih-mengasihi kerana kasih itu datang daripada Allah. Sesiapa yang kasih-mengasihi lahir daripada Allah dan mereka mengenal

Allah. ⁸ Sesiapa yang tidak mengasihi sesama manusia tidak mengenal Allah kerana Allah itu kasih. ⁹ Begitu kasihnya Allah kepada kita sehingga Dia menghantar Anak-Nya yang tunggal ke dunia supaya melalui-Nya kita mendapat hidup yang kekal. ¹⁰ Demikianlah kasih: bukannya kita mengasihi Allah tetapi Allah mengasihi kita lalu menghantar Anak-Nya sebagai korban pendamaian bagi dosa kita.

¹¹ Saudara-saudara yang kukasihi, Allah amat mengasihi kita, maka haruslah kita kasih-mengasihi. ¹² Tiada siapa pernah melihat Allah tetapi jika kita kasih-mengasihi, Allah tetap ada di dalam kita dan kasih-Nya disempurnakan di dalam diri kita.

¹³ Oleh sebab Allah telah mengurniakan Roh-Nya kepada kita, tahulah kita bahawa kita tetap ada di dalam Allah dan Allah di dalam kita. ¹⁴ Kami telah melihat Anak dan menyebarkan berita bahawa Bapa telah menghantar Anak-Nya sebagai Kristus, Penyelamat dunia ini. ¹⁵ Sesiapa yang mengakui Yesus itu Anak Allah, nescaya Allah tetap di dalam orang itu dan dia pun di dalam Allah. ¹⁶ Kita tahu dan yakin sepenuh hati bahawa Allah mengasihi kita.

Allah itu kasih. Sesiapa yang sentiasa mengasihi sesama manusia tetap ada di dalam Allah, dan Allah tetap di dalam dia. ¹⁷ Dengan cara ini, kasih disempurnakan dalam diri kita supaya kita berani pada Hari Penghakiman nanti kerana hidup kita di dunia ini sama seperti hidup Kristus di dunia. ¹⁸ Dalam kasih tidak ada ketakutan. Kasih yang sempurna menghilangkan segala rasa takut kerana ketakutan ada kaitan dengan hukuman. Dengan demikian, orang yang takut belum mengenal kasih yang sempurna.

¹⁹ Kita mengasihi sesama manusia kerana Tuhan terlebih dahulu mengasihi kita. ²⁰ Jika sesiapa berkata, “Aku mengasihi Allah,” tetapi dia benci akan saudaranya, dia seorang pendusta. Jika dia tidak mengasihi saudaranya yang dapat dilihatnya, betapa dia mengasihi Allah yang tidak dapat dilihatnya? ²¹ Kristus telah memberi kita perintah ini: Sesiapa yang mengasihi Allah mesti mengasihi saudaranya juga.

Beriman pada Kristus

5 ¹ Sesiapa percaya bahawa Yesus ialah Kristus, maka orang itu lahir daripada Allah. Sesiapa mengasihi Bapa mengasihi anak-Nya juga. ² Dengan demikianlah kita tahu bahawa kita mengasihi anak-anak Allah apabila kita mengasihi Allah dan mentaati perintah-Nya.

³ Jika kita mengasihi Allah, maka kita taat akan perintah Allah. Tidak sukar bagi kita untuk taat akan perintah-Nya, ⁴ kerana sesiapa yang lahir^r daripada Allah menewaskan dunia. Inilah kemenangan yang mengalahkan dunia, iaitu iman kita. ⁵ Siapakah yang dapat menewaskan dunia? Hanya orang yang percaya bahawa Yesus Anak Allah.

⁶ Yesus Kristus telah datang ke dunia dengan air dan darah. Dia datang bukan dengan air sahaja tetapi dengan air dan darah. Roh itulah yang bersaksi kerana Roh ialah kebenaran. ⁷ Ada tiga yang memberikan kesaksian: ⁸ Roh Kudus, air dan darah, ketiga-tiganya memberikan kesaksian yang sama. ⁹ Jika kita percaya akan kesaksian manusia, maka kesaksian Allah lebih kuat lagi kerana inilah kesaksian yang diberikan Allah tentang Anak-Nya. ¹⁰ Oleh yang demikian, sesiapa yang percaya kepada Anak Allah menyimpan kesaksian itu dalam dirinya. Sebaliknya, sesiapa yang tidak percaya kepada Allah, maka dia menuduh Allah itu pendusta kerana dia tidak percaya akan kesaksian-Nya tentang Anak-Nya. ¹¹ Kesaksian itu ialah: Allah memberi kita hidup yang kekal dan hidup ini ada di dalam Anak-Nya. ¹² Sesiapa yang

^r5:4 Atau: Kerana setiap anak Allah.

memperoleh Anak itu, memperoleh hidup itu. Dan sesiapa yang tidak memperoleh Anak Allah, tidak memperoleh hidup itu.

Pengetahuan tentang hidup yang kekal

¹³ Aku menulis surat ini kepada kamu yang percaya kepada nama Anak Allah agar kamu mengetahui bahawa kamu memperoleh hidup yang kekal. ¹⁴ Kita dapat menghadap Allah dengan keyakinan bahawa Dia mengabulkan segala doa kita yang selaras dengan kehendak-Nya. ¹⁵ Kita tahu bahawa Dia sentiasa mendengar permohonan kita ke hadirat-Nya. Kita tahu juga bahawa Dia mengurniakan apa yang kita minta daripada-Nya.

¹⁶ Sekiranya kamu melihat saudara seimanmu melakukan dosa, dan dosa itu tidaklah mengakibatkan kematian, berdoalah semoga Allah memberinya hidup. Tetapi ada dosa yang mengakibatkan kematian. Aku tidak mengatakan bahawa dia harus berdoa tentang hal itu. ¹⁷ Setiap perbuatan salah itu dosa, tetapi sesetengah dosa tidaklah mengakibatkan kematian.

¹⁸ Kita tahu bahawa sesiapa yang lahir daripada Allah^s tidak melakukan dosa berterusan; Dia yang

^s5:18 Atau: Kita tahu bahawa setiap anak Allah.

datang daripada Allah melindungi dirinya lantas Iblis tidak berupaya menyesatkannya.

¹⁹ Kita tahu bahawa kita milik Allah walaupun dunia diperintah oleh Iblis.

²⁰ Kita tahu bahawa Anak Allah telah datang dan memberi kita pengertian, supaya kita mengenal Dia yang benar. Kita ada di dalam Dia yang benar bahkan di dalam Anak-Nya, Yesus Kristus. Inilah Allah yang benar dan hidup yang kekal.

²¹ Anak-anakku, jauhkanlah dirimu daripada berhala.

2 YOHANES

1 ¹ Daripadaku, seorang tua-tua,
Kepada puan yang terpilih dan kepada
anak-anaknya, yang kukasihi dalam kebenaran.
Bukan aku sahaja yang mengasihimu malah
sekalian yang mengenal kebenaran – ² kerana
kebenaran ada dalam diri kita dan akan kekal
dalam diri kita selama-lamanya:

³ Semoga kasih kurnia, belas kasihan dan damai
sejahtera daripada Allah Bapa dan Yesus Kristus,
Anak daripada Bapa, menyertai kita dalam
kebenaran dan kasih.

⁴ Aku sungguh sukacita mengetahui bahawa
sebilangan anak puan hidup mengikut kebenaran,
sebagaimana yang diperintahkan kepada kita
oleh Bapa. ⁵ Sekarang, puan yang dikasihi,
aku memohon agar kita kasih-mengasihi.
Aku bukannya mengemukakan perintah baru.
Perintah ini telah disampaikan dari mula-mulanya
lagi. ⁶ Inilah kasih, iaitu mengasihi bermakna
hidup mengikut perintah Allah. Inilah perintah
yang kamu dengar dari mulanya: Kamu haruslah
kasih-mengasihi.

⁷ Ramai penipu telah menjelajah ke seluruh dunia. Mereka itu tidak mengakui bahawa Yesus Kristus telah datang ke dunia sebagai manusia. Orang sedemikian ialah penipu dan dajal, penentang Kristus. ⁸ Oleh yang demikian, berhati-hatilah supaya apa yang telah kami usahakan tidak lenyap begitu sahaja, melainkan kamu mendapat ganjaranmu sepenuhnya.

⁹ Sesiapa yang tidak mengikut ajaran Kristus dan melanggarnya, maka Allah tidak ada dalam dirinya. Sesiapa yang mengikut ajaran itu maka Bapa dan Anak ada dalam dirinya. ¹⁰ Oleh itu, jika sesiapa datang menyebarkan ajaran selain ajaran Kristus, janganlah alu-alukan dia ke dalam rumahmu. Janganlah berikan salam kepadanya.

¹¹ Sesungguhnya, jika sesiapa memberi salam kepada orang sedemikian, berertilah dia bersubahat dengannya melakukan perbuatan yang durjana.

¹² Ada banyak lagi yang ingin kusebutkan, namun lebih eloklah tidak melalui dakwat dan kertas. Aku berharap akan bertemu dan berbincang denganmu agar kita benar-benar gembira.

¹³ Anak-anak kepada saudara perempuan puan yang telah dipilih oleh Allah juga berkirim salam kepada puan.

3 YOHANES

1 ¹ Daripadaku, seorang tua-tua,
Kepada Gayus, sahabat yang dikasihi, yang
kukasihi dalam kebenaran.

² Aku berdoa semoga kamu berada dalam
keadaan sejahtera serta sihat jasmanimu
sebagaimana rohanimu berbahagia. ³ Aku
sungguh bersukacita apabila beberapa orang
saudara seiman datang berkunjung dan
memberikan kesaksian tentang kesetiaanmu
kepada kebenaran, kerana memang kamu
hidup dalam kebenaran. ⁴ Tiada yang lebih
membahagiakanku daripada berita bahawa
anak-anakku hidup mengikut kebenaran.

⁵ Sahabat yang kukasihi, kamu sungguh
setia dalam usahamu untuk saudara-saudara
seiman, termasuklah yang belum kamu kenali.

⁶ Mereka telah memberitahu jemaah di sini
tentang kasihmu terhadap mereka. Baik juga
perbuatanmu jika engkau dapat membantu
mereka dalam perjalanan mereka dengan cara
yang berkenan kepada Allah. ⁷ Mereka berangkat
demi nama Tuhan tanpa menerima sebarang

bantuan daripada orang yang belum mengenal Allah. ⁸ Oleh itu, kita mestilah membantu orang seperti ini. Dengan demikian kita menjadi rakan sekerja dalam usaha menyebarkan kebenaran.

⁹ Aku telah menulis surat ringkas kepada jemaah, tetapi Diotrefes yang berhasrat memimpin jemaah enggan menurut kataku.

¹⁰ Ketika aku ke sana nanti, aku akan mendedahkan segala yang telah dilakukannya, iaitu memfitnahkan kami dengan pelbagai perkara jahat yang dusta sama sekali. Bukan itu sahaja, dia tidak mahu menerima saudara-saudara seiman apabila mereka datang. Malah dia menghalang orang yang hendak menyambut saudara-saudara itu, dan dia cuba mengusir mereka keluar daripada jemaah.

¹¹ Sahabat yang kukasihi, janganlah contohi kelakuan yang buruk. Teladanilah kelakuan yang baik. Sesiapa berbuat baik, maka dia milik Allah. Sesiapa berbuat jahat, maka dia belum mengenal Allah.

¹² Demetrius menerima kesaksian baik daripada setiap orang, malah daripada kebenaran itu sendiri. Kami juga memberinya kesaksian baik, dan kamu tahu bahawa kami menyatakan apa yang benar.

¹³ Ada banyak lagi yang hendak kusebutkan kepadamu, tetapi lebih eloklah tidak melalui

pena dan dakwat. ¹⁴ Aku berharap akan dapat segera bertemu dan berbincang denganmu. (1-15) Damai sejahtera Tuhan menyertaimu. Semua sahabatmu di sini berkirim salam. Sampaikan salamku kepada setiap sahabat di sana dengan menyebut nama masing-masing.

YUDAS

1 ¹ Surat ini daripada Yudas, hamba Yesus Kristus dan saudara Yakobus,

Untuk tatapan mereka yang telah dipanggil dan dikasihi oleh Allah Bapa serta dilindungi oleh Yesus Kristus:

² Semoga belas kasihan, damai sejahtera dan kasih melimpahimu.

Hukuman untuk guru palsu

³ Saudara-saudara yang kukasihi, ketika aku cuba menulis kepadamu tentang penyelamatan yang telah kita terima bersama, hatiku tergerak hendak memberikan perangsang kepadamu supaya terus berjuang untuk iman yang telah dikurniakan Allah kepada orang salih-Nya cuma sekali untuk selama-lamanya. ⁴ Beberapa orang telah menyusup masuk ke dalam golongan kamu tanpa disedari. Merekalah yang dari dahulu lagi telah disebutkan hukumannya dalam Kitab Suci. Merekalah orang mungkar yang menyalahgunakan kasih kurnia Allah kita untuk melakukan maksiat. Mereka tidak mengakui

Yesus Kristus sebagai satu-satunya Raja dan Tuhan kita.

⁵ Sungguhpun kamu sudah maklum segalanya, aku ingin mengingatkanmu bahwa Tuhan telah menyelamatkan umat Israel dari negeri Mesir dan kemudiannya memusnahkan mereka yang tidak percaya. ⁶ Dan para malaikat yang telah melampaui batas kekuasaan yang dikurniakan Allah hinggakan tergamak meninggalkan tempat yang ditetapkan bagi mereka – Allah telah membelenggu mereka dengan rantai yang kekal dan mengurung mereka dalam kegelapan hingga Hari Penghakiman yang besar itu. ⁷ Begitu juga halnya dengan para penghuni kota Sodom, Gomora dan bandar-bandar di sekitarnya yang telah melakukan pencabulan dan perbuatan sumbang. Mereka menjadi contoh orang yang mengalami seksaan hukuman api yang kekal.

⁸ Demikian jugalah sekalian orang itu yang berangan-angan hinggakan mereka melakukan dosa terhadap tubuh badan sendiri. Mereka menghina kekuasaan Allah dan menista para

mahluk yang adikudrati^t.⁹ Namun demikian ketua malaikat, Mikhail, tidak berani melafazkan sepetah pun kata nista ketika berbalah dengan Iblis tentang jenazah Musa. Mikhail hanya berkata, “Tuhan murkai kamu!”¹⁰ Sebaliknya, orang itu mencaci hal-hal yang langsung tidak difahami oleh mereka. Ada beberapa perkara yang diketahui mereka, tetapi seperti haiwan yang tidak berakal, mereka hanya mengetahui secara naluri, maka kerana itulah mereka binasa.¹¹ Malangnya mereka ini! Mereka telah menurut jejak langkah Kain. Seperti Bileam, mereka telah melibatkan diri dengan perbuatan yang sesat, semata-mata untuk mengejar wang. Mereka telah memberontak seperti Korah, maka mereka dimusnahkan.¹² Mereka ini mencemarkan majlis perjamuan kasihmu, kerana mereka seperti gembala yang mencari makanan bagi diri mereka sendiri tanpa segan silu. Mereka seperti awan yang ditiup angin, maka tidak membawa hujan. Mereka ibarat pokok yang tidak berbuah meskipun pada musim buah.

^t**1:8** Perkataan ‘adikudrati’ lebih mengutamakan kehadiran unsur-unsur keanehan, kekaguman dan keajaiban, sesuatu yang di luar kekuasaan alam.

1:9 a: Dan 10:13,21; 12:1; Why 12:7; **b:** Ul 34:6; **c:** Za 3:2.

1:11 a: Kej 4:3-8; **b:** Bil 22:1-35; **c:** Bil 16:1-35.

Mereka umpama pokok yang telah dicabut dengan akar umbinya dan mengalami dua kali kematian. ¹³ Mereka laksana ombak ganas di lautan yang membuihkan perbuatan aib. Mereka seperti bintang beredar yang telah ditentukan tempatnya dalam kegelapan yang hitam pekat untuk selama-lamanya.

¹⁴ Henokh, keturunan ketujuh daripada Adam, pernah bernubuat tentang mereka: “Lihatlah, Tuhan akan datang dengan ribuan malaikat-Nya yang suci. ¹⁵ Dia akan menghakimi seluruh umat manusia dan menghukum orang yang derhaka kerana perbuatan durjana mereka, dan juga semua caci nista orang yang berdosa terhadap-Nya.”

¹⁶ Orang sedemikian sentiasa bersungut dan menyalahkan orang lain. Mereka menurut hawa nafsu durjana. Mereka memuji diri sendiri dan mengampu orang tertentu untuk mendapat keuntungan.

Panggilan untuk bertahan

¹⁷ Namun demikian, saudara-saudaraku yang dikasihi, ingatlah kata-kata para rasul Tuhan kita Yesus Kristus. ¹⁸ Mereka telah berkata kepadamu, “Pada akhir zaman nanti, orang

akan tampil dan mengejek-ejekmu. Mereka itu orang yang menurut hawa nafsu yang mungkar.”¹⁹ Merekalah yang menjadikan jemaah porak-peranda. Mereka tidak dipimpin oleh Roh tetapi dikuasai oleh hawa nafsu sendiri.²⁰ Tetapi kamu, saudara-saudaraku yang dikasihi, teruskanlah usaha membina hidup yang berasaskan iman yang paling murni. Berdoalah dengan bimbingan Roh Kudus.²¹ Hiduplah di bawah naungan kasih Allah sementara menunggu belas kasihan Tuhan kita Yesus Kristus yang akan menganugerahimu hidup kekal.

²² Amalkan sikap belas kasihan kepada orang yang kurang yakin.²³ Berusahalah menyelamatkan orang daripada api. Namun demikian, tunjukkan belas kasihan sesama manusia dengan gentar. Bahkan bencilah pakaian mereka yang dinodai oleh hawa nafsu duniawi.

Pemberkatan

²⁴ Dia berkuasa memeliharaku supaya kamu tidak tersandung, dan membawamu ke hadirat-Nya yang mulia tanpa cacat cela dan dengan penuh sukacita.²⁵ Dialah Allah yang esa, Penyelamat kita melalui Yesus Kristus, Tuhan kita. Bagi Dialah kemuliaan, keagungan, kekuasaan dan kuasa sejak dahulu hingga sekarang dan untuk selama-lamanya. Amin.

WAHYU

Pendahuluan

1 ¹ Inilah wahyu Yesus Kristus yang dinyatakan Allah kepada-Nya supaya Dia menyampaikan kepada hamba-hamba-Nya segala yang pasti segera terjadi. Kristus menghantarkan malaikat-Nya untuk memberitahukan perkara-perkara itu kepada hamba-Nya Yohanes. ² Maka Yohanes pun bersaksi tentang semua yang telah dilihatnya iaitu Firman Allah dan kesaksian Yesus Kristus. ³ Diberkatilah orang yang membaca kata-kata nubuat ini dan mendengarnya serta mematuhi apa yang tersurat dalamnya, kerana masanya sudah dekat.

Salam kepada tujuh jemaah

⁴ Daripada Yohanes kepada tujuh jemaah di Asia Kecil:

Kasih kurnia dan kesejahteraan kepadamu daripada Allah, iaitu Dia yang ada sekarang, yang ada dahulu dan yang akan datang, juga daripada tujuh roh yang di hadapan takhta-Nya, ⁵ dan

daripada Yesus Kristus, Saksi Setia. Dialah yang pertama dibangkitkan daripada kalangan orang mati dan Dialah Raja kepada sekalian raja dunia.

Yesus mengasihi kita, maka Dia membebaskan kita daripada segala dosa kita dengan darah-Nya⁶ serta menjadikan kita suatu kerajaan, dan imam bagi Allah dan Bapa-Nya. Bagi-Nyalah kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya. Amin.

⁷ Lihatlah, Dia datang dalam awan! Seluruh umat manusia akan melihat-Nya, termasuk mereka yang telah menikam Dia. Semua suku bangsa di bumi akan berkabung kerana Dia. Ya, tentu sekali. Amin.

⁸ “Akulah Alfa dan Omega, Yang Pertama dan Yang Terakhir,” demikian firman Tuhan Allah, Yang Maha Kuasa, yang ada sekarang, yang ada dahulu dan yang akan datang.

Penglihatan di Patmos

⁹ Aku, Yohanes, saudara dan temanmu yang turut serta dalam kesengsaraan, kerajaan dan ketabahan dalam Yesus, berada di Pulau Patmos kerana firman Allah dan kesaksian Yesus.

¹⁰ Pada hari Tuhan, Roh menguasaiku, lalu aku

1:6: Kel 19:6; Why 5:10. **1:7 a:** Dan 7:13; Mat 24:30; Mrk 13:26; Luk 21:27; 1Tes 4:17; **b:** Za 12:10; Yoh 19:34,37; **c:** Za 12:10; Mat 24:30. **1:8 a:** Why 22:13; **b:** Kel 3:14.

mendengar suara yang lantang, seperti bunyi sangkakala, berkata-kata di belakangku. ¹¹ Suara itu berkata, “Tuliskanlah apa yang kau lihat dan hantarkan kitab itu kepada tujuh jemaah: Efesus, Smirna, Pergamus, Tiatira, Sardis, Filadelfia dan Laodikia.”

¹² Aku menoleh ke belakang untuk melihat siapa yang berkata-kata itu. Kulihat tujuh kaki pelita daripada emas. ¹³ Di tengah-tengah kaki pelita itu kelihatan suatu susuk seakan-akan Anak Manusia, berjubah labuh sampai ke kaki dan memakai seutas pending emas yang meliliti dada-Nya. ¹⁴ Rambut-Nya putih seperti kapas dan mata-Nya menyala-nyala laksana api. ¹⁵ Kaki-Nya bersinar umpama gangsa digilap di dalam relau dan suara-Nya ibarat deru air terjun yang hebat. ¹⁶ Tangan kanan-Nya memegang tujuh bintang dan dari mulut-Nya keluar sebilah pedang mata dua yang tajam. Wajah-Nya bersinar-sinar laksana matahari pada waktu tengah hari. ¹⁷ Apabila aku melihat-Nya, rebahlah aku di kaki-Nya seolah-olah tidak bernyawa lagi. Dia meletakkan tangan kanan-Nya ke atasku lalu berfirman, “Janganlah takut! Akulah Yang

1:13 a: Dan 7:13; **b:** Dan 10:5. **1:14:** Dan 7:9.

1:14: Dan 10:6. **1:15:** Yeh 1:24; 43:2.

1:17: Yes 44:6; 48:12; Why 2:8; 22:13.

Pertama dan Yang Terakhir. ¹⁸ Akulah Dia yang hidup. Aku pernah mati, tetapi lihatlah, Aku hidup selama-lamanya. Aku memegang anak kunci kematian dan alam maut. ¹⁹ Oleh itu, tuliskanlah apa yang kaulihat, baik yang ada sekarang mahupun yang akan terjadi. ²⁰ Inilah maksud perlambangan tujuh bintang yang kaulihat di tangan kanan-Ku dan tujuh kaki pelita daripada emas itu. Tujuh bintang itu melambangkan para malaikat jemaah di tujuh tempat itu manakala tujuh kaki pelita itu melambangkan jemaah di situ.”

Surat kepada jemaah di Efesus

2 ¹ “Kepada malaikat jemaah di Efesus, tulislah: Inilah firman daripada Dia yang memegang tujuh bintang di tangan kanan-Nya dan yang melangkah di antara tujuh kaki pelita daripada emas: ² Aku tahu perbuatanmu, jerih payahmu dan ketabahanmu. Aku tahu bahawa kamu tidak tahan lagi dengan kejahatan orang durjana. Kamu telah menguji orang yang membuat pengakuan palsu bahawa mereka rasul padahal mereka bukan, dan kamu telah mendapati mereka itu pendusta. ³ Kamu tetap tabah dan tetap menderita kerana nama-Ku tanpa berputus asa. ⁴ Namun demikian, Aku mencelamu kerana satu perkara: Kamu telah meninggalkan kasihmu yang

pertama. ⁵ Sedarilah betapa dalamnya kamu telah terjerumus. Bertaubatlah dan lakukanlah apa yang kamu lakukan mula-mula lagi. Jika tidak, Aku akan datang dan mengalihkan kaki pelitamu dari tempatnya. ⁶ Namun demikian, ada sesuatu yang baik padamu: Kamu benci akan perbuatan pengikut Nikolaus yang juga Kubenci.

⁷ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah.

Kepada yang menang akan Kuizinkan makan buah dari pokok hayat di Taman Firdaus Allah.”

Surat kepada jemaah di Smirna

⁸ “Kepada malaikat jemaah di Smirna, tulislah: Inilah firman daripada Dia Yang Pertama dan Yang Terakhir, yang telah mati dan hidup semula. ⁹ Aku tahu akan kesengsaraanmu. Aku tahu kamu miskin, tetapi sebenarnya kamu kaya. Aku tahu akan fitnah yang dilemparkan kepadamu oleh orang yang mengaku diri orang Yahudi tetapi sebenarnya mereka bukan. Mereka jemaah^u Iblis. ¹⁰ Janganlah takut terhadap apa yang akan kamu deritai kelak. Ketahuilah, Iblis akan menghancurkan sebilangan daripadamu ke

^u**2:9** Atau: Saumaah Iblis.

2:7 a: Kej 2:9; Why 22:2; **b:** Yeh 28:13; 31:8.

2:8: Yes 44:6; 48:12; Why 1:17; 22:13.

dalam penjara untuk mengujimu. Kamu akan menanggung kesengsaraan selama sepuluh hari. Setialah sampai mati, maka Aku akan menganugerahimu mahkota hidup sebagai ganjaran kemenangan.

¹¹ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah. Mereka yang menang tidak akan mengalami sengsara kematian yang kedua.”

Surat kepada jemaah di Pergamus

¹² “Kepada malaikat jemaah di Pergamus, tulislah:

Iniilah firman daripada Dia yang memiliki sebilah pedang mata dua yang tajam. ¹³ Aku tahu akan tempat kediamanmu. Di situlah Iblis bertakhta. Namun demikian, kamu setia berpegang kepada nama-Ku. Malah kamu tidak menyangkal imanmu kepada-Ku ketika Antipas, saksi-Ku yang setia, dibunuh di tempat kediaman Iblis. ¹⁴ Tetapi Aku mencelamu kerana beberapa perkara: Ada di antaramu yang menganut ajaran Bileam. Bileam telah mengajak Balak untuk memujuk umat Israel supaya berdosa dengan makan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala serta

2:11: Why 20:14; 21:8.

2:14 a: Bil 22:5,7; 31:16; Ul 23:4; **b:** Bil 25:1-3.

melakukan pencabulan. ¹⁵ Secara itu juga ada sebilangan daripadamu yang mengikut ajaran Nikolaus. ¹⁶ Bertaubatlah. Jika tidak, Aku akan datang segera kepadamu dan menyerang mereka dengan pedang yang keluar dari mulut-Ku.

¹⁷ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah. Aku akan memberikan sebahagian manna yang tersembunyi kepada sesiapa yang menang. Juga Aku akan memberinya batu putih yang bertulis nama baru, yang tidak diketahui oleh sesiapa selain penerimanya.”

Kepada jemaah di Tiatira

¹⁸ “Kepada malaikat jemaah di Tiatira, tulislah: Inilah kata-kata daripada Anak Allah, yang mata-Nya menyala-nyala seperti api, dan kaki-Nya laksana gangsa digilap. ¹⁹ Aku tahu perbuatanmu, kasihmu, imanmu, pelayananmu dan ketabahanmu. Aku juga tahu bahawa kamu sekarang lebih banyak berusaha daripada dahulu. ²⁰ Namun demikian, Aku mencelamu kerana satu perkara: Kamu membenarkan perempuan bernama Izebel yang mengaku dirinya nabiah Allah itu mengajar umat-Ku. Dia mengajar

dan menyesatkan hamba-hamba-Ku sehingga mereka melakukan pencabulan dan makan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala. ²¹ Aku telah memberinya peluang untuk bertaubat tetapi dia enggan menghentikan perbuatannya yang cabul. ²² Ketahuilah, Aku akan menghukumnya ke atas ranjang dengan sakit terlantar dan mereka yang berzina dengannya akan menanggung kesengsaraan yang dahsyat melainkan mereka bertaubat daripada perbuatan mereka dengannya. ²³ Aku juga akan meragut nyawa anak-anaknya, supaya seluruh jemaah tahu bahawa Akulah yang menyelami hati dan fikiran manusia. Aku akan memberikan balasan yang setimpal dengan perbuatan setiap orang.

²⁴ Tetapi sesetengah daripada kamu di Tiatira tidak mengikut ajaran durjana itu. Kamu tidak menuntut ilmu daripada Iblis. Aku berkata kepadamu bahawa Aku tidak akan menambahkan bebanmu dengan kewajipan baru. ²⁵ Namun demikian, kamu haruslah memelihara apa yang sudah ada padamu, hingga saat Aku datang nanti. ²⁶ Kepada yang menang dan melakukan kehendak-Ku sampai akhir akan Kuanugerahi kekuasaan ke atas bangsa-bangsa.

2:23 a: Mzm 7:9; Yer 17:10; **b:** Mzm 62:12.

2:26: Mzm 2:8,9.

²⁷ ‘Dia akan memerintah mereka dengan tongkat besi kerajaan dan meremukkan mereka seperti tembikar’ – seiring dengan kekuasaan yang telah Kuterima daripada Bapa-Ku. ²⁸ Aku akan menganugerahi mereka bintang fajar.

²⁹ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah.”

Surat kepada jemaah di Sardis

3 ¹ “Kepada malaikat jemaah di Sardis, tulislah: Inilah kata-kata daripada Dia yang memiliki tujuh Roh Allah dan tujuh bintang. Aku tahu perbuatanmu. Nama sahaja kamu hidup tetapi sebenarnya mati. ² Bangunlah dan teguhkanlah apa yang masih ada padamu dan yang hampir mati kerana Kudapati apa yang kamu lakukan belum lagi sempurna di mata Allah-Ku. ³ Ingatlah semula segala yang telah diajarkan kepadamu dan segala yang telah kamu dengar. Patuhilah segalanya dan bertaubatlah. Jika tidak, Aku akan datang kepadamu sebagai pencuri. Kamu tidak mungkin tahu saatnya Aku datang. ⁴ Namun demikian, ada sebilangan daripadamu di Sardis yang tidak mencemarkan pakaian mereka. Mereka akan berjalan bersama-Ku dengan berpakaian putih kerana mereka layak mendapat

kemuliaan sedemikian. ⁵ Kepada yang menang akan dapat berpakaian putih seperti itu dan Aku tidak akan memadamkan nama mereka dari Kitab Hidup. Aku akan mengakui mereka sebagai milik-Ku di hadirat Bapa-Ku dan di hadapan para malaikat-Nya.

⁶ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah.”

Surat kepada jemaah di Filadelfia

⁷ “Kepada malaikat jemaah di Filadelfia, tulislah: Inilah kata-kata daripada Dia yang suci dan sejati dan yang memegang kunci milik Daud. Apabila Dia membuka pintu, tiada siapa yang dapat menutupnya, dan apabila Dia menutupnya, tiada siapa yang dapat membukanya. ⁸ Aku tahu perbuatanmu. Lihatlah Aku telah membukakan sebuah pintu untukmu, dan tiada siapa yang dapat menutupnya. Aku tahu bahawa kamu tidaklah begitu kuat, tetapi kamu taat kepada firman-Ku dan tidak sekali-kali menyangkal nama-Ku. ⁹ Aku akan membuat mereka daripada jemaah^v Iblis, para pendusta yang bukan

v3:9 Atau: Saumaah Iblis.

3:5 a: Kel 32:32,33; Mzm 69:28; Why 20:12; **b:** Mat 10:32; Luk 12:8. **3:7:** Yes 22:22; Ayb 12:14.

3:9 a: Yes 49:23; 60:14; **b:** Yes 43:4.

Yahudi tetapi mengaku diri orang Yahudi datang kepadamu dan sujud pada kakimu. Sememangnya mereka akan tahu bahawa Aku mengasihimu. ¹⁰ Oleh sebab kamu taat akan perintah-Ku supaya tabah menanggung kesengsaraan, Aku akan menyelamatkanmu daripada masa pancaroba yang akan menimpa seluruh dunia sebagai dugaan kepada umat manusia. ¹¹ Aku akan datang segera. Peliharalah apa yang ada padamu dengan sempurna, supaya mahkotamu^w tidak diragut orang. ¹² Aku akan menjadikan dia yang menang seperti tiang di Bait Suci Allah-Ku dan dia akan tetap tinggal di situ. Aku akan menulis pada dirinya nama Allah dan Kota Allah, iaitu Yerusalem baru yang akan diturunkan Allah dari syurga, juga nama-Ku yang baru.

¹³ Jika kamu bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah.”

Surat kepada jemaah di Laodikia

¹⁴ “Kepada malaikat jemaah di Laodikia, tulislah: Inilah perkhabaran daripada Dia yang disebut Amin, Saksi yang setia dan benar, Permulaan segala ciptaan Allah. ¹⁵ Aku tahu perbuatanmu.

^w**3:11** Atau: Ganjaran kemenanganmu.

3:12 a: Why 21:2; **b:** Yes 62:2; 65:15. **3:14:** Ams 8:22.

Aku tahu bahawa kamu ini sejuk tidak, panas pun tidak. Betapa baiknya jika kamu mengambil satu daripada dua sikap itu. ¹⁶ Tetapi oleh sebab kamu suam-suam sahaja, Aku akan meludahkan kamu. ¹⁷ Kamu berkata, 'Aku kaya dan cukup segala-galanya, tiada kekurangan apa-apa.' Tetapi kamu tidak tahu bahawa kamu sebenarnya dalam keadaan yang serba kekurangan dan amat malang, miskin, telanjang serta buta. ¹⁸ Dengan demikian Kunasihati kamu: Belilah emas daripada-Ku, emas tulen, supaya kamu kaya. Belilah pakaian putih untuk menutup tubuhmu yang telanjang lagi mengaibkan. Belilah ubat untuk matamu supaya dapat melihat. ¹⁹ Aku menegur dan menghukum orang yang Kukasihi. Oleh itu, amalkanlah sikap bersungguh-sungguh dan bertaubatlah. ²⁰ Dengarlah! Aku berdiri di hadapan pintu sambil mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke rumahnya. Aku akan makan bersamanya dan dia bersama-Ku. ²¹ Aku akan membenarkan mereka yang menang duduk di atas takhta-Ku, seperti Aku yang telah menang kini duduk di sisi Bapa-Ku di atas takhta-Nya. ²² Jika kamu bertelinga; dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah."

Takhta di syurga

4¹ Selepas itu, aku melihat sebuah pintu terbuka di syurga. Suara seperti bunyi sangkakala yang pernah kudengar dahulu berkata kepadaku, “Marilah naik ke sini. Aku akan memperlihatkan apa yang pasti terjadi kemudian kelak.”² Serta-merta Roh menguasaiku.

Kulihat sebuah takhta di syurga dan seorang bersemayam di atasnya.³ Dia yang bersemayam itu berwajah gilang-gemilang seperti batu yaspis dan akik. Takhta itu dikelilingi pelangi yang bersinar laksana zamrud.⁴ Di sekeliling takhta itu kelihatan dua puluh empat buah takhta lain. Di atasnya duduk dua puluh empat tua-tua yang berpakaian putih dan bermahkota emas.⁵ Dari takhta itu kulihat kilat memancar dan kudengar guruh berbunyi. Di hadapan takhta itu terdapat tujuh pelita yang menyala, iaitu tujuh Roh Allah.⁶ Di hadapan takhta itu juga kelihatan sesuatu yang seperti lautan kaca, jernih seperti hablur.

Di sekeliling takhta itu terdapat empat makhluk, satu di setiap sisi. Bahagian depan dan belakang makhluk itu penuh dengan mata.⁷ Makhluk

4:2: Yeh 1:26-28; 10:1.

4:5 a: Kel 19:16; Why 8:5; 11:19; 16:18; **b:** Yeh 1:13; **c:** Why 1:4; Za 4:2. **4:6:** Yeh 1:22. **4:6:** Yeh 1:5-10; 10:14.

yang pertama rupanya seperti singa; yang kedua seperti anak lembu; yang ketiga mukanya seperti muka manusia; dan yang keempat rupanya seperti burung helang sedang terbang. ⁸ Setiap makhluk itu bersayap enam. Di bawah sayapnya pun penuh dengan mata. Siang malam mereka tidak henti-henti menyanyi:

“Suci, suci, sucilah Tuhan Allah

Yang Maha Kuasa,

yang ada dahulu, yang ada sekarang dan yang akan datang.”

⁹ Keempat-empat makhluk itu menyanyikan pelbagai nyanyian yang memuliakan, menyanjung dan menyatakan syukur kepada Dia yang sedang bersemayam di atas takhta, Dia yang hidup selama-lamanya. ¹⁰ Sambil itu, dua puluh empat tua-tua sujud kepada Dia yang bersemayam di atas takhta, menyembah Dia yang hidup selama-lamanya. Mereka mencampakkan mahkota mereka di hadapan takhta itu lalu berkata,

¹¹ “Ya Tuhan, ya Allah kami!

Hanya Engkau yang layak menerima kemuliaan,
kehormatan dan kuasa,

kerana Engkaulah

yang mencipta segala-galanya,

dan dengan kehendak-Mu
segala-galanya wujud dan dicipta.”

Gulungan naskhah dan Anak Domba

5¹ Kemudian aku melihat segulungan naskhah di tangan kanan Dia yang bersemayam di atas takhta itu. Gulungan itu bertulis kedua-dua belah dan dimaterai dengan tujuh materai.
² Setelah itu, kulihat dan kudengar malaikat yang gagah perkasa bertanya dengan suara lantang, “Siapakah yang layak memecahkan materai dan membuka gulungan naskhah ini?”³ Namun demikian, tiada seorang pun, baik di syurga, di bumi, mahupun di bawah bumi, yang terdaya membuka gulungan naskhah itu dan melihat kandungannya.⁴ Oleh itu, aku pun menangis teresak-esak kerana tiada seorang pun yang layak membuka dan membaca gulungan naskhah atau melihat kandungannya.⁵ Kemudian salah seorang tua-tua itu berkata kepadaku, “Jangan menangis. Lihatlah! Singa daripada suku Yehuda, Tunas Daud, telah menang. Dia dapat membuka gulungan naskhah itu dan memecahkan tujuh materai dan membuka gulungan naskhah itu.”

⁶ Selepas itu kulihat Anak Domba berdiri di tengah-tengah takhta itu, dikelilingi oleh keempat-empat makhluk dan para tua-tua. Anak Domba itu, yang kelihatan sudah disembelih, mempunyai tujuh tanduk dan tujuh mata, iaitu tujuh Roh Allah yang telah dihantar ke seluruh dunia. ⁷ Anak Domba itu pergi mengambil gulungan naskhah dari tangan kanan Dia yang bersemayam di atas takhta. ⁸ Ketika Dia mengambil gulungan kitab itu, empat makhluk dan dua puluh empat orang tua-tua sujud kepada Anak Domba itu. Masing-masing memegang sebuah kecapi dan sebuah batil emas berisi setinggi, iaitu segala doa orang salih. ⁹ Mereka menyanyikan lagu baru:

“Engkau layak mengambil gulungan naskhah itu
dan membuka materainya
kerana Engkau telah dibunuh,
dan dengan darah kematian-Mu
Engkau telah menebus untuk Allah
manusia daripada segala suku,
bahasa, kaum, dan bangsa.

¹⁰ Engkau telah menjadikan mereka
suatu kerajaan dan imam-imam Allah
untuk menyembah Allah kita

5:6 a: Yes 53:7; **b:** Za 4:10. **5:8:** Mzm 141:2.

5:9: Mzm 33:3; 98:1; Yes 42:10. **5:10:** Kel 19:6; Why 1:6.

dan memerintah di bumi.”

¹¹ Aku melihat lagi. Aku mendengar suara ribuan dan jutaan malaikat. Mereka berdiri mengelilingi takhta, empat makhluk dan para tua-tua. ¹² Mereka menyanyi dengan suara yang lantang:

“Anak Domba yang telah disembelih layak menerima kekuasaan, kekayaan, kebijaksanaan, kekuatan, kehormatan, kemuliaan dan puji-pujian.”

¹³ Aku mendengar semua makhluk – di syurga, di bumi, di bawah bumi, di dalam laut, dan semua yang ada di dalamnya, menyanyi:

“Segala puji, kemuliaan dan kuasa kepada Dia yang duduk di atas takhta dan kepada Anak Domba untuk selama-lamanya.”

¹⁴ Keempat-empat makhluk itu menyahut, “Amin!” Para tua-tua itu pun sujud menyembah Allah dan Anak Domba itu.

Materai dibuka

6 ¹ Seterusnya aku melihat Anak Domba itu memecahkan materai pertama daripada ketujuh-tujuh materai itu. Lantas kudengar satu

daripada empat makhluk itu berkata dengan suara seperti guruh, “Marilah, lihat!”² Aku melihat seekor kuda putih ditunggang oleh seorang yang memegang busur panah. Dia diberi sebuah mahkota dan tampil sebagai seorang penakluk yang sedia untuk menakluk.

³ Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai kedua dan kudengar makhluk kedua berkata, “Marilah, lihat!”⁴ Seekor kuda merah pula muncul. Penunggangnya diberi kuasa untuk melenyapkan damai sejahtera daripada bumi dan menyebabkan manusia berbunuh-bunuhan. Dia diberi sebilah pedang yang besar.

⁵ Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai ketiga lalu kudengar makhluk ketiga berkata, “Marilah, lihat!” Aku melihat seekor kuda hitam. Penunggangnya memegang dacing.⁶ Aku mendengar sesuatu seperti suara dari tengah-tengah makhluk berempat itu, berkata, “Secupak gandum sekeping wang dinar harganya, dan tiga cupak barli juga sekeping wang dinar harganya, tetapi minyak dan air anggur itu jangan kaurosakkan.”

⁷ Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai keempat. Kudengar makhluk keempat

berkata, “Mari!”⁸ Aku melihat seekor kuda berwarna pucat. Penunggangnya bernama Maut, dan Alam Maut mengekorinya. Mereka diberi kuasa membunuh seperempat penghuni bumi melalui peperangan, kebuluran, wabak penyakit dan serangan binatang buas.

⁹ Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai kelima. Di bawah mazbah aku melihat roh-roh orang yang telah dibunuh kerana firman Allah dan kerana kesaksian yang dipegang mereka dengan setia.¹⁰ Mereka berseru dengan suara lantang, “Ya Tuhan yang suci dan benar! Berapa lama lagi sebelum Engkau menghakimi penghuni bumi dan membalas perbuatan mereka yang telah menumpahkan darah dan meragut nyawa kami?”¹¹ Setiap roh itu diberi sehelai jubah putih dan disuruh berehat sebentar lagi hingga cukup bilangan hamba sepengabdian dan orang yang menjadi saudara seiman, yang akan dibunuh seperti mereka.

¹² Kemudian aku melihat Anak Domba itu memecahkan materai keenam. Seketika itu terjadilah gempa bumi yang dahsyat. Matahari menjadi seperti kain hitam dan bulan merah

6:8: Yeh 14:21. **6:12 a:** Why 11:13; 16:18; **b:** Yes 13:10; Yl 2:10,31; 3:15; Mat 24:29; Mrk 13:24,25; Luk 21:25.

seperti darah. ¹³ Bintang-bintang gugur dari syurga ke bumi seperti buah ara luruh ditiup angin kencang. ¹⁴ Langit lenyap tergulung seperti gulungan naskhah manakala gunung dan pulau teralih dari tempatnya. ¹⁵ Seluruh umat manusia, baik raja-raja di dunia, pegawai, panglima, orang berharta dan berkuasa, orang bebas mahupun hamba abdi, lari bersembunyi di dalam gua dan di celah-celah batu di gunung. ¹⁶ Mereka berseru kepada gunung dan batu itu, “Hempaplah kami! Sembunyikan kami daripada pandangan Dia yang bersemayam di atas takhta dan daripada kemurkaan Anak Domba! ¹⁷ Hari besar yang dahsyat, hari kemurkaan mereka telah tiba. Allah dan Anak Domba akan menghukum kami. Siapa yang dapat bertahan?”

144,000 dimateraikan

7 ¹ Selepas itu, kulihat empat malaikat berdiri di empat penjuru bumi dan menahan keempat-empat angin di bumi supaya tidak ada angin yang bertiup di darat, di laut, atau di pokok. ² Kemudian kulihat malaikat lain datang dari timur membawa materai yang digunakan

6:13: Yes 34:4. **6:14:** Why 16:20. **6:15:** Yes 2:19,21.

6:16: Hos 10:8; Luk 23:30. **6:17:** Yl 2:11; Mal 3:2.

7:1: Yer 49:36; Dan 7:2; Za 6:5.

oleh Allah yang hidup. Dengan suara lantang malaikat itu berseru kepada empat malaikat yang telah diberi kuasa untuk merosakkan darat dan laut. ³ Malaikat itu berkata, “Janganlah rosakkan darat, laut atau pokok-pokok hingga kami telah mematerai dahi hamba-hamba Allah kita.” ⁴ Lalu aku mendengar bahawa seratus empat puluh empat ribu daripada semua suku Israel dimateraikan. ⁵ Daripada suku Yehuda dua belas ribu, daripada suku Ruben dua belas ribu, daripada suku Gad dua belas ribu, ⁶ daripada suku Asyer dua belas ribu, daripada suku Naftali dua belas ribu, daripada suku Manasye dua belas ribu, ⁷ daripada suku Simeon dua belas ribu, daripada suku Lewi dua belas ribu, daripada suku Isakhar dua belas ribu, ⁸ daripada suku Zebulon dua belas ribu, daripada suku Yusuf dua belas ribu, daripada suku Benyamin dua belas ribu.

Orang ramai berjubah putih

⁹ Selepas itu, aku melihat lagi. Kulihat lautan manusia, tidak terkira banyaknya, daripada segala bangsa, suku, kaum, dan bahasa, berjubah putih dan memegang daun palma. Mereka semua berdiri di hadapan takhta dan Anak Domba. ¹⁰ Mereka berseru dengan lantang,

“Penyelamatan ada pada Allah kami yang bersemayam di atas takhta dan pada Anak Domba!”¹¹ Semua malaikat berdiri mengelilingi takhta, empat makhluk dan para tua-tua, lalu semuanya sujud di hadapan takhta menyembah Allah.¹² Mereka berkata, “Amin! Segala pujian, kemuliaan, kebijaksanaan, kesyukuran, kehormatan, kuasa dan kebesaran bagi Allah kami selama-lamanya! Amin.”

¹³ Salah seorang tua-tua itu bertanya kepadaku, “Siapakah yang berjubah putih itu dan dari manakah mereka itu?”

¹⁴ “Aku tidak tahu, tetapi tuan tahu,” sahutku.

Dia berkata, “Mereka adalah orang yang berjaya menempuh kesengsaraan yang dahsyat. Mereka telah membasuh jubah mereka menjadi putih bersih dengan darah Anak Domba.

¹⁵ “Maka sekarang, mereka berdiri di hadapan takhta Allah

dan menyembah-Nya siang malam di dalam Bait Suci-Nya.

Dia yang bersemayam di atas takhta akan membentangkan khemah-Nya di atas mereka.

¹⁶ Mereka tidak akan lapar atau dahaga lagi.

Terik matahari atau sesuatu yang amat panas pun tidak akan dapat membakar mereka lagi

¹⁷ kerana Anak Domba di tengah-tengah takhta itu akan menjadi gembala mereka.

Dia akan membimbing mereka ke mata air yang membawa hidup, dan Allah akan menghapuskan setiap titik air mata mereka.”

Materai ketujuh

8 ¹ Apabila Anak Domba memecahkan materai ketujuh, syurga menjadi senyap sunyi kira-kira setengah jam. ² Kemudian aku melihat tujuh malaikat menghadap Allah. Mereka diberi tujuh sangkakala.

³ Satu lagi malaikat datang berdiri di hadapan mazbah sambil membawa tempat bara yang diperbuat daripada emas. Dia diberi banyak setanggi untuk ditambahkan kepada doa semua orang salih dan untuk dipersembahkan di atas mazbah emas di hadapan takhta. ⁴ Doa orang salih bersama asap setanggi yang dibakar itu naik berkepul-kepul dari tangan malaikat yang

menghadap Allah. ⁵ Kemudian malaikat itu mengisi tempat bara dengan bara api dari mazbah lalu melontarkannya ke bumi. Dalam sekelip mata kedengaran guruh petir dan kelihatan kilat sabung-menyabung lalu seluruh bumi bergempa.

Empat sangkakala yang pertama

⁶ Kemudian tujuh malaikat yang memegang tujuh sangkakala itu bersedia untuk meniupnya.

⁷ Malaikat pertama meniup sangkakalanya. Hujan batu dan api bercampur darah terus dilemparkan ke bumi. Lalu sepertiga bumi, dan sepertiga pokok serta segala tumbuh-tumbuhan yang hijau hangus dibakar.

⁸ Kemudian malaikat kedua meniup sangkakalanya. Sesuatu yang kelihatan seperti gunung besar yang menyala dicampakkan ke dalam laut. Sepertiga air laut menjadi darah.

⁹ Sepertiga makhluk di laut mati dan sepertiga kapal musnah.

¹⁰ Kemudian malaikat ketiga meniup sangkakalanya. Sebuah bintang besar yang menyala-nyala seperti suluh gugur dari langit menimpa sepertiga sungai dan mata air di bumi.

8:5 a: Im 16:12; Yeh 10:2; **b:** Kel 19:16; Why 11:19; 16:18.

8:7: Kel 9:23-25; Yeh 38:22. **8:10:** Yes 14:12.

¹¹ (Bintang itu bernama “Apsintus” iaitu “Pahit.”) Sepertiga air menjadi pahit dan ramai orang mati kerana meminumnya.

¹² Kemudian malaikat keempat meniup sangkakalanya. Sepertiga matahari, bulan dan bintang terpukul, sehingga tidak dapat bersinar sepertiga waktu. Matahari tidak memancar sepertiga siang, manakala bulan dan bintang tidak bercahaya sepertiga malam.

¹³ Kemudian aku melihat dan mendengar seekor burung helang yang terbang tinggi di tengah langit berseru nyaring, “Sengsara! Sengsara! Sengsaralah sekalian penghuni bumi kerana tiga malaikat lagi yang akan meniup sangkakalanya.”

Sangkakala yang kelima

9¹ Kemudian malaikat kelima meniup sangkakalanya. Kulihat sebuah bintang gugur dari langit ke bumi. Bintang itu diberi kunci jurang yang tidak terduga dalamnya. ² Bintang itu membuka jurang itu lalu asap keluar seperti dari relau yang amat besar. Matahari dan seluruh angkasa gelap diselubungi asap itu. ³ Dari dalam asap itu keluarlah sekawan belalang lantas

8:11: Yer 9:15.

8:12: Yes 13:10; Yeh 32:7; Yl 2:10,31; 3:15.

9:2: Kej 19:28. **9:3:** Kel 10:12-15.

turun ke bumi. Belalang itu diberi kuasa seperti kala jengking di bumi. ⁴ Belalang itu ditegah merosakkan rumput di bumi, pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan lain; tugasnya menyerang manusia yang tidak mempunyai tanda materai Allah di dahinya. ⁵ Belalang itu tidak dibenarkan membunuh mereka tetapi hanya menyiksa mereka selama lima bulan. Sakitnya disiksa belalang itu samalah seperti disengat kala jengking. ⁶ Pada masa itu manusia yang disiksa itu mencari maut tetapi tidak menemukannya. Mereka ingin mati, namun kematian terlepas daripada mereka.

⁷ Belalang itu kelihatan seperti kuda yang siap sedia untuk berperang. Di kepalanya ada sesuatu seperti mahkota emas dan mukanya mirip muka manusia. ⁸ Rambutnya seperti rambut wanita dan giginya serupa gigi singa. ⁹ Dadanya kelihatan seperti berperisai. Bunyi sayapnya seperti bunyi rata-rata kuda mara ke medan perang. ¹⁰ Ekor dan sengatnya seperti kala jengking. Dengan ekornya yang bersengat, belalang itu mempunyai kuasa untuk menyiksa manusia selama lima bulan. ¹¹ Raja kepada belalang itu ialah malaikat yang menjaga jurang

9:4: Yeh 9:4. **9:6:** Ayb 3:21; Yer 8:3. **9:7:** Yl 2:4.

9:8: Yl 1:6. **9:9:** Yl 2:5.

yang tidak terduga dalamnya. Namanya Abaddon dalam bahasa Ibrani dan Apolion (bermakna “Pemusnah”) dalam bahasa Yunani.

¹² Bencana pertama telah berlalu. Dua bencana lagi akan menyusul.

¹³ Kemudian malaikat keenam meniup sangkakalanya. Aku mendengar suara dari keempat-empat tanduk mazbah emas di hadapan Allah. ¹⁴ Suara itu berkata kepada malaikat keenam yang memegang sangkakala itu, “Lepaskanlah empat malaikat yang terikat di sungai yang besar, yaitu Sungai Efrat itu!”

¹⁵ Keempat-empat malaikat itu pun dilepaskan. Mereka telah disediakan khas untuk membunuh sepertiga umat manusia pada jam, hari, bulan dan tahun itu. ¹⁶ Aku diberitahu bahwa pasukan berkuda itu terdiri daripada dua ratus juta askar. ¹⁷ Dalam penglihatan aku nampak banyak kuda dan penunggangnya. Perisai dada penunggang-penunggang itu merah seperti api, biru seperti nilam dan kuning seperti belerang. Kepala kuda itu seperti kepala singa dan dari mulutnya keluar api, asap dan belerang. ¹⁸ Api, asap dan belerang dari mulut kuda itu merupakan tiga bencana yang membunuh sepertiga umat manusia. ¹⁹ Kuasa kuda itu pada

mulut dan ekornya. Kuda itu menyiksa manusia dengan ekornya yang seperti ular berkepala.

²⁰ Manusia yang tidak terbunuh oleh bencana itu tidak berpaling daripada berhala buatan tangan mereka. Mereka meneruskan amalan menyembah roh-roh iblis dan berhala yang dibuat daripada emas, perak, gangsa, batu dan kayu yang tidak dapat melihat, mendengar atau berjalan. ²¹ Mereka juga tidak berpaling daripada membunuh, menggunakan sihir, melakukan pencabulan dan mencuri.

Malaikat dan gulungan naskhah

10 ¹ Setelah itu, aku melihat satu lagi malaikat yang gagah perkasa turun dari syurga, tubuhnya diliputi awan dan kepalanya dilingkari pelangi. Wajahnya bersinar seperti matahari, dan kakinya seperti tiang api. ² Tangannya memegang segulungan naskhah kecil yang terbuka. Kaki kanannya di laut, kaki kirinya di darat. ³ Dia berseru dengan suara seperti bunyi sekawan singa mengaum, disahut oleh tujuh guruh dengan gemuruh. ⁴ Sebaik-baik tujuh guruh itu berkata-kata, aku hendak mencatat kata-katanya. Tetapi kudengar suara dari syurga berkata

kepadaku, “Materaikan segala yang dikatakan oleh tujuh guruh itu, jangan dituliskan.”

⁵ Malaikat yang kulihat berdiri di antara laut dengan darat itu mengangkat tangannya ke langit. ⁶ Dia bersumpah demi Dia yang hidup selama-lamanya, yang telah mencipta syurga dan segala isinya, bumi dan segala isinya serta laut dan segala isinya, bahawa segalanya tidak harus dilengah-lengahkan lagi. ⁷ Tetapi pada masa malaikat ketujuh hendak meniup sangkakalanya, rahsia Allah akan selesai, sebagaimana firman-Nya disampaikan kepada hamba-Nya, para nabi.

⁸ Kemudian suara yang kudengar dari syurga itu berkata lagi kepadaku, “Pergilah ambil gulungan naskhah kecil yang terbuka daripada tangan malaikat yang berdiri di antara laut dengan darat itu.”

⁹ Aku pun mendapatkan malaikat itu dan berkata, “Berilah aku gulungan naskhah kecil itu.” Katanya kepadaku, “Ambil dan makanlah naskhah ini. Perutmu akan terasa pahit tetapi di mulutmu akan terasa semanis madu.”

¹⁰ Lantas kuambil gulungan naskhah kecil itu daripada tangan malaikat itu lalu kumakan, maka

10:5: Kel 20:11; Ul 32:40; Dan 12:7; Am 3:7.

10:8: Yeh 2:8—3:3.

di mulutku terasa semanis madu. Tetapi setelah habis kumakan, perutku terasa pahit. ¹¹ Dia berkata kepadaku, “Kamu harus bernubuat lagi tentang pelbagai kaum, bangsa, bahasa dan raja.”

Dua saksi Allah

11 ¹ Kemudian aku diberi sebatang tongkat yang kelihatan seperti kayu pengukur. Lalu seorang berkata, “Bangkitlah, ukur bait Allah dan mazbah, serta hitunglah orang yang beribadat di situ. ² Tetapi jangan ukur halaman di luar, kerana bahagian itu telah diberikan kepada orang bangsa asing. Mereka akan melanyak kota suci selama empat puluh dua bulan. ³ Aku akan memberikan kuasa kepada dua orang saksi-Ku dan mereka akan bernubuat selama seribu dua ratus enam puluh hari dengan memakai kain kabung.”

⁴ Inilah dua pokok zaitun dan dua kaki pelita yang berdiri di hadapan Tuhan alam semesta. ⁵ Jika sesiapa hendak mencederakan mereka, api akan keluar dari mulut mereka dan menghanguskan musuh mereka itu. Orang yang hendak mencederakan mereka

11:1: Yeh 40:3; Za 2:1,2. **11:2:** Luk 21:24.

11:4: Za 4:3,11-14.

itu mesti dibunuh sedemikian. ⁶ Mereka mempunyai kuasa menutup langit, supaya hujan tidak turun sepanjang masa mereka bernubuat. Mereka berkuasa atas air dan dapat menukarkannya menjadi darah. Mereka juga berupaya menimpakan pelbagai wabak penyakit ke atas bumi sekerap yang dikehendaki mereka.

⁷ Setelah mereka selesai membuat kesaksian, binatang buas dari dalam jurang itu akan memerangi, menewaskan dan membunuh mereka. ⁸ Mayat mereka akan bergelimpangan di jalan raya kota agung yang dari segi rohani disebut Sodom dan Mesir, iaitu kota tempat Tuhan mereka disalib. ⁹ Orang dari pelbagai kaum, suku, bahasa dan bangsa akan melihat mayat mereka selama tiga hari setengah dan tidak membenarkan mereka dikuburkan.

¹⁰ Penghuni bumi ini akan bergembira, berpesta dan berkirim-kiriman hadiah, kerana kedua-dua nabi itu telah menyeksa mereka yang tinggal di bumi. ¹¹ Selepas tiga hari setengah, roh hayat daripada Allah memasuki mereka lalu mereka bangkit berdiri. Sekalian yang melihatnya amat ketakutan. ¹² Kedua-dua nabi itu mendengar

11:6 a: 1Raj 17:1; **b:** Kel 7:17-19; **c:** 1Sam 4:8.

11:7 a: Dan 7:7; Why 13:5-7; 17:8; **b:** Dan 7:21.

11:8: Yes 1:9,10. **11:11:** Yeh 37:10. **11:12:** 2Raj 2:11.

suara lantang dari langit berkata, “Naiklah ke sini.” Lalu mereka naik ke langit di dalam awan, di hadapan mata musuh mereka. ¹³ Pada ketika itu terjadilah gempa bumi yang dahsyat, memusnahkan sepersepuluh kota itu. Tujuh ribu orang terbunuh dalam gempa itu. Mereka yang masih hidup sungguh takut lalu memuliakan Allah yang berada di syurga.

¹⁴ Bencana kedua telah berlalu. Ketahuilah, bencana ketiga akan segera menyusul.

¹⁵ Kemudian malaikat ketujuh meniup sangkakalanya. Suara-suara lantang di syurga berkata,

“Segala kerajaan di dunia ini telah menjadi kerajaan Tuhan kita dan kerajaan Kristus-Nya,

dan Dia akan memerintah selama-lamanya!”

¹⁶ Dua puluh empat tua-tua yang menghadap Allah yang bersemayam di atas takhta itu sujud menyembah Allah ¹⁷ sambil berkata:

“Kami bersyukur kepada-Mu,

Ya Tuhan, Allah Maha Kuasa;

yang ada sekarang, yang ada dahulu dan yang akan datang.

Kerana Engkau telah melaksanakan

11:13: Why 6:12; 16:18.

11:15: Kel 15:18; Dan 2:44; 7:14,27.

kuasa-Mu yang besar lalu memerintah.

¹⁸ Bangsa-bangsa asing marah,
 maka datanglah kemurkaan-Mu,
 dan masanya untuk orang mati dihakimi,
 dan Engkau memberi ganjaran
 kepada hamba-hamba-Mu,
 para nabi dan orang salih,
 serta manusia kecil dan besar
 yang takut akan Nama-Mu.

Dan Engkau membinasakan mereka yang
 membinasakan bumi.”

¹⁹ Kemudian bait Allah dibuka di syurga, dan
 kelihatanlah tabut perjanjian-Nya, diiringi kilat,
 pelbagai suara, guruh, gempa bumi dan hujan
 batu yang dahsyat.

Perempuan dan naga

12 ¹ Suatu tanda besar kelihatan di langit:
 Seorang perempuan yang berpakaian
 matahari, bulan di bawah kakinya dan sebuah
 mahkota dua belas bintang terkalung menghiasi
 kepalanya. ² Dia sedang hamil dan sudah sampai
 waktunya untuk melahirkan anak, maka dia
 berteriak kesakitan.

11:18 a: Mzm 2:5; 110:5; **b:** Mzm 115:13.

11:19 a: Why 8:5; 16:18; **b:** Why 16:21.

³ Lantas suatu tanda muncul di langit: seekor naga merah yang amat besar, berkepala tujuh dan bertanduk sepuluh, dan di atas kepalanya ada tujuh mahkota. ⁴ Naga itu mengheret sepertiga bintang di langit dengan ekornya dan menghumbankannya ke bumi. Ia menunggu di hadapan perempuan yang hendak bersalin untuk menelan anaknya sebaik-baik dia lahir. ⁵ Kemudian perempuan itu melahirkan seorang anak lelaki yang akan memerintah segala bangsa dengan tombak besi. Dan anak itu dibawa ke hadirat Allah dan takhta-Nya. ⁶ Perempuan itu lari ke gurun, ke tempat yang memang ditentukan Allah untuknya. Dia dijaga di situ selama seribu dua ratus enam puluh hari.

Naga dikalahkan

⁷ Kemudian perang tercetus di syurga. Mikhail dengan malaikat-malaikatnya berperang dengan naga dan malaikat-malaikatnya. ⁸ Naga itu tewas dalam peperangan. Ia dan malaikat-malaikatnya tidak dibenarkan tinggal di syurga lagi. ⁹ Dengan demikian tersingkirilah naga besar itu, ular purba yang bernama Iblis atau Syaitan, yang

12:3: Dan 7:7. **12:4:** Dan 8:10. **12:5 a:** Yes 66:7; **b:** Mzm 2:9. **12:7:** Dan 10:13,21; 12:1; Yud 1:9.
12:9 a: Kej 3:1; **b:** Luk 10:18.

memperdaya umat manusia. Ia dan semua malaikatnya dibuang ke bumi.

Nyanyian kemenangan

¹⁰ Kemudian aku mendengar suara lantang berkata di syurga,

“Sekarang penyelamatan, kekuatan, kerajaan Allah kita,

dan kuasa Kristus-Nya telah tiba;
kerana penuduh saudara-saudara kita,
yang telah menuduh mereka siang malam di hadapan Allah kita telah disingkirkan.

¹¹ Mereka telah menumpaskannya dengan darah Anak Domba dan dengan kata-kata kesaksian mereka, dan mereka tidak menyayangi nyawa sendiri hingga mati.

¹² Oleh itu, bergembiralah wahai syurga dan kamu semua yang tinggal di dalamnya! Tetapi malanglah penduduk bumi dan laut! Iblis telah turun kepadamu, dalam keadaan sangat berang, kerana ia tahu masanya sudah singkat.”

Naga memburu perempuan

¹³ Apabila naga itu sadar ia telah dibuang ke bumi, ia pun memburu perempuan yang melahirkan anak lelaki itu. ¹⁴ Tetapi perempuan itu diberi sepasang sayap helang besar untuk terbang ke tempatnya di gurun. Di situ dia dijaga selama tiga tahun setengah jauh dari mata naga itu. ¹⁵ Naga itu menyemburkan air dari mulutnya seperti air bah untuk menghanyutkan perempuan itu. ¹⁶ Tetapi bumi membantu perempuan itu dengan membuka mulutnya dan menelan air bah yang disemburkan oleh naga itu. ¹⁷ Naga itu amat marah terhadap perempuan itu lalu pergi memerangi anak-anaknya yang lain, yang taat kepada perintah Allah dan mempunyai kesaksian Yesus Kristus.

Binatang muncul dari dalam laut

13 ¹ (12-18) Kemudian naga itu berdiri di atas pasir di tepi laut. (13-1) Aku melihat seekor binatang keluar dari dalam laut, bertanduk sepuluh berkepala tujuh. Di setiap tanduk terletak mahkota dan di setiap kepala tertulis nama kufur. ² Binatang itu kelihatan seperti harimau bintang tetapi kakinya seperti

kaki beruang dan mulutnya seperti mulut singa. Naga itu memberi binatang itu kuasa dan takhtanya serta kekuasaan yang besar.³ Di salah satu kepala binatang itu terdapat seolah-olah pernah luka parah yang membawa maut tetapi telah sembuh. Seluruh penghuni dunia mengagumi dan mengikut binatang itu.⁴ Mereka menyembah naga yang telah memberikan kekuasaannya kepada binatang itu, dan mereka menyembah binatang itu sambil berkata, “Siapakah yang setanding dengan binatang ini? Siapakah yang dapat memerangnya?”

⁵ Binatang itu diberi mulut untuk melafazkan hal-hal besar dan kufur, serta diberi kekuasaan melakukannya selama empat puluh dua bulan.

⁶ Ia pun membuka mulutnya lalu mengkufuri Allah, nama Allah, tempat kediaman Allah bersemayam dan semua penghuni syurga.

⁷ Binatang itu dibenarkan memerangi dan menewaskan orang salih, serta diberi kekuasaan ke atas semua suku, kaum, bahasa dan bangsa.

⁸ Binatang itu akan disembah oleh setiap orang di bumi yang sejak dunia dicipta namanya tidak tersenarai di dalam Kitab Hidup milik Anak Domba yang telah disembelih.

13:5: Dan 7:8,25; 11:36. **13:7:** Dan 7:21.

13:8: Mzm 69:28.

⁹ Sesiapa yang bertelinga, dengarlah.

¹⁰ Orang yang harus ditawan pasti akan ditawan kelak.

Orang yang harus dibunuh dengan pedang pasti akan dibunuh dengan pedang juga.

Yang dituntut di sini ialah ketabahan dan iman orang salih.

Binatang yang keluar dari dalam bumi

¹¹ Kemudian aku melihat seekor lagi binatang buas muncul dari bumi, bertanduk dua seperti anak domba dan bertutur seperti naga.

¹² Binatang kedua itu menjalankan segala kekuasaan binatang pertama di hadapannya, dan menyuruh bumi serta semua penghuninya menyembah binatang yang telah sembuh daripada luka parah yang membawa maut itu.

¹³ Binatang kedua itu mengadakan beberapa tanda yang hebat, termasuk menurunkan api dari langit ke atas bumi di hadapan umat manusia. ¹⁴ Dengan tanda-tanda yang dapat diadakannya di hadapan binatang pertama itu, binatang kedua memperdaya sekalian penghuni bumi, dan menyuruh mereka membuat patung binatang yang dilukai pedang namun tetap hidup. ¹⁵ Binatang kedua itu diberi kuasa

untuk meniupkan nyawa ke dalam patung binatang pertama itu, supaya patung itu dapat berkata-kata dan menyebabkan semua yang enggan menyembahnya dibunuh. ¹⁶ Ia memaksa semua manusia, kecil besar, kaya miskin, orang merdeka dan hamba abdi, menerima suatu tanda pada tangan kanan atau dahi, ¹⁷ dan seorang pun tidak dibenarkan berjual beli kecuali ada padanya tanda atau nama binatang buas itu, atau angka namanya.

¹⁸ Yang dituntut di sini ialah kebijaksanaan. Sesiapa yang mengerti, kirakanlah angka binatang itu, kerana angka itu angka seorang manusia, dan angka itu 666.

Anak Domba dan pengikut-Nya

14 ¹ Kemudian tiba-tiba aku melihat Anak Domba berdiri di puncak Gunung Sion, dan bersama-sama-Nya seratus empat puluh empat ribu orang dengan nama-Nya dan nama Bapa-Nya tertulis di atas dahi mereka. ² Aku mendengar suara dari syurga, seperti bunyi air menderu, dan seperti bunyi guruh yang kuat, dan suara yang kudengar itu seperti bunyi daripada pemain-pemain memetik kecapi. ³ Mereka menyanyikan suatu nyanyian yang terasa baru

di hadapan takhta, empat makhluk dan para tua-tua. Tiada siapa pun dapat mempelajari nyanyian itu kecuali seratus empat puluh empat ribu orang yang ditebus dari bumi. ⁴ Mereka ini tidak pernah menajiskan diri dengan perempuan kerana mereka menjaga kesucian mereka. Mereka mengikut Anak Domba ke mana-mana Dia pergi. Mereka telah ditebus daripada kalangan manusia, sebagai persembahan hasil pertama bagi Allah dan Anak Domba. ⁵ Mulut mereka tiada kata-kata bohong, dan mereka tiada cacat cela.

Tiga malaikat

⁶ Kemudian aku melihat satu lagi malaikat terbang di tengah langit, membawa Injil yang kekal untuk disampaikan kepada penghuni bumi dan kepada setiap bangsa, suku, bahasa dan kaum. ⁷ Katanya dengan suara lantang, “Takutilah Allah dan muliakan Dia, kerana sudahlah sampai saat penghakiman-Nya; dan sembahlah Dia yang menjadikan langit dan bumi, laut dan mata air.”

⁸ Satu lagi malaikat mengikutnya, sambil berkata, “Babel telah runtuh, telah runtuh, kota yang besar itu telah memberi semua bangsa

minum air anggur kemurkaan Allah terhadap pencabulan mereka.”

⁹ Mereka diikuti oleh satu lagi malaikat yang berkata dengan suara lantang, “Jika sesiapa menyembah binatang itu dan patungnya, dan menerima tandanya di atas dahi atau tangan, ¹⁰ dia juga akan minum air anggur kemurkaan Allah, yang dituangkan tanpa ditambah air ke dalam cawan murka-Nya itu. Dia akan dikenakan azab api dan belerang di hadapan para malaikat yang suci dan di hadapan Anak Domba. ¹¹ Asap api yang menyiksa mereka itu akan naik berkepul-kepul selama-lamanya. Mereka tidak akan berehat siang malam, kerana mereka menyembah binatang itu dan patungnya serta menerima tanda namanya.”

¹² Yang dituntut di sini ialah ketabahan orang salih yang mengikut perintah Allah serta beriman kepada Yesus.

¹³ Aku mendengar suara dari syurga berkata, “Tuliskanlah: Dari saat ini diberkatilah semua orang yang mati dalam Tuhan.”

“Ya,” kata Roh, “supaya mereka dapat berehat daripada penat lelah, dan hasil usaha mereka menyertai mereka.”

14:10 a: Yes 51:17; **b:** Kej 19:24; Yeh 38:22.

14:11: Yes 34:10.

Tuaian di bumi

¹⁴ Tiba-tiba aku melihat awan putih dan di atasnya duduk seorang yang rupanya seperti Anak Manusia, bermahkota emas dan memegang sabit yang tajam. ¹⁵ Muncul satu lagi malaikat dari Bait Suci sambil berseru lantang kepada Dia yang duduk di atas awan, “Gunakanlah sabit-Mu, tuailah, kerana sudah sampai waktunya Engkau menuai; tuaian dunia sudah masak.” ¹⁶ Lalu Dia yang duduk di atas awan itu mengayunkan sabit-Nya ke atas bumi, dan bumi pun dituai.

¹⁷ Kemudian satu lagi malaikat keluar dari Bait Suci yang di syurga, juga membawa sabit tajam.

¹⁸ Menyusul pula malaikat lain yang keluar dari mazbah dan menguasai api, sambil berseru nyaring kepada yang memegang sabit tajam, “Gunakanlah sabitmu yang tajam itu, kumpulkan segala gugusan anggur di bumi, kerana anggurnya sudah cukup masak.” ¹⁹ Maka malaikat itu menggunakan sabitnya untuk mengumpulkan gugusan anggur di bumi, dimasukkannya ke dalam pengirik kemurkaan Allah. ²⁰ Pengirik itu diinjak di luar kota, lalu

14:14: Dan 7:13. **14:15:** Yl 3:13.

14:20: Yes 63:3; Rat 1:15; Why 19:15.

darah mengalir keluar, setinggi kekang kuda dan sejauh dua ratus batu.

Nyanyian mereka yang menang

15 ¹ Aku melihat pula di langit suatu tanda lagi, yang besar dan ajaib, iaitu tujuh malaikat membawa tujuh wabak terakhir, maka dengannya selesailah kemurkaan Allah. ² Kulihat seakan-akan lautan kaca bercampur api. Mereka yang menang menghadapi dugaan binatang itu, patungnya, tandanya dan angka namanya, berdiri di atas laut kaca itu memegang kecapi Allah.

³ Mereka menyanyikan nyanyian Musa, hamba Allah, dan nyanyian Anak Domba:

“Agung dan ajaib pekerjaan-Mu,

Tuhan, Allah Maha Kuasa!

Benar dan adil setiap jalan-Mu,

Ya Raja segala bangsa!

⁴ Siapakah yang tidak takut kepada-Mu,

Ya Tuhan, dan memuliakan nama-Mu?

Kerana hanya Engkaulah Yang Maha Suci.

Semua bangsa akan datang

dan sujud menyembah-Mu,

kerana penghakiman-Mu telah ternyata.”

⁵ Setelah itu, aku melihat pula dan ternampak Bait Suci di dalam khemah kesaksian di syurga terbuka. ⁶ Dari Bait Suci itu keluarlah tujuh malaikat yang membawa tujuh wabak itu, berpakaian linen yang bersih dan berseri-seri, dada mereka dililiti pending emas. ⁷ Kemudian satu daripada empat makhluk itu memberi tujuh malaikat itu tujuh mangkuk emas yang dipenuhi kemurkaan Allah yang hidup selama-lamanya. ⁸ Bait Suci dipenuhi asap daripada kemuliaan Allah dan kuasa-Nya dan tiada siapa dapat memasukinya hingga tujuh wabak yang dibawa oleh tujuh malaikat itu selesai.

Tujuh mangkuk kemurkaan Allah

16 ¹ Kemudian aku mendengar suara lantang dari dalam Bait Suci Allah, berkata kepada tujuh malaikat itu, “Pergi tuangkan kemurkaan Allah di dalam tujuh mangkuk itu ke bumi.”

² Oleh itu, malaikat pertama pergi, mencurahkan isi mangkuknya ke tanah, lalu tumbuh pekung yang busuk dan menjijikkan pada orang yang mempunyai tanda binatang itu dan orang yang menyembah patungnya.

15:5: Kel 38:21.

15:8: Kel 40:34; 1Raj 8:10,11; 2Taw 5:13,14; Yes 6:4.

16:2: Kel 9:10.

³ Kemudian malaikat kedua mencurahkan isi mangkuknya ke laut lalu airnya menjadi darah seperti darah orang mati, maka setiap makhluk yang hidup di laut itu mati.

⁴ Kemudian malaikat ketiga mencurahkan isi mangkuknya ke sungai dan mata air, lalu bertukar airnya menjadi darah. ⁵ Aku mendengar malaikat perairan itu berkata:

“Engkau adil, ya Tuhan,
kerana Engkau telah menghakimi hal-hal ini,
Engkau Yang Suci, yang ada sekarang,
dan ada dahulu, dan yang akan datang,
⁶ Mereka telah menumpahkan darah orang
salih dan nabi-nabi,
maka Engkau memberi mereka minum darah,
suatu hukuman yang setimpal.”

⁷ Aku mendengar suatu suara lagi dari mazbah berkata, “Sememangnya, Tuhan Allah Maha Kuasa, penghakiman-Mu benar dan adil.”

⁸ Kemudian malaikat keempat mencurahkan isi mangkuknya ke atas matahari, dan dia diberi kuasa menghanguskan manusia dengan api.

⁹ Manusia dihanguskan dengan darjah kepanasan yang amat tinggi, lalu mereka mengkufuri nama Allah yang menguasai wabak-wabak itu. Mereka tidak bertaubat dan tidak memuliakan-Nya.

¹⁰ Kemudian malaikat kelima mencurahkan isi mangkuknya ke atas takhta binatang itu, lalu kerajaannya diselaputi kegelapan, dan mereka menggigit lidah kerana kesakitan. ¹¹ Mereka mengkufuri Allah yang memerintah syurga kerana kesakitan dan pekung di tubuh mereka. Mereka tidak bertaubat daripada perbuatan mereka.

¹² Kemudian malaikat keenam mencurahkan isi mangkuknya ke dalam sebatang sungai besar, iaitu Efrat, lantas airnya kering kontang, untuk menyediakan jalan bagi raja-raja dari Timur.

¹³ Aku melihat tiga roh jahat seperti rupa katak keluar dari mulut naga itu, dari mulut binatang itu, dan dari mulut nabi palsu. ¹⁴ Mereka itu roh-roh iblis, dan mereka melakukan pelbagai tanda, yang sampai kepada raja-raja di seluruh dunia untuk menghimpunkan mereka bagi peperangan pada hari besar Allah Yang Maha Kuasa.

¹⁵ Lihatlah, Aku datang seperti pencuri. Diberkatilah orang yang berwaspada, dan menjaga pakaiannya, supaya dia tidak berjalan dan dilihat orang dalam keadaan telanjang lalu mendapat malu.

16:10: Kel 10:21. **16:12:** Yes 11:15.

16:15: Mat 24:43,44; Luk 12:39,40; Why 3:3.

¹⁶ Dia menghimpunkan raja-raja itu ke tempat yang disebut Harmagedon dalam bahasa Ibrani.

¹⁷ Kemudian malaikat yang ketujuh mencurahkan isi mangkuknya ke udara, lalu kedengaran suara lantang dari Bait Suci Allah di syurga, dari takhta, berkata, “Telah selesai!”

¹⁸ Kedengaran pelbagai bunyi serta guruh dan kilat sabung-menyabung. Juga berlaku gempa bumi yang paling dahsyat dalam sejarah manusia zaman-berzaman. ¹⁹ Ketika itu kota besar itu terbelah tiga, dan kota bangsa asing habis runtuh. Babel yang agung juga tidak ketinggalan menerima mangkuk air anggur kemurkaan Allah.

²⁰ Kemudian setiap pulau lenyap dan gunung tidak ditemukan lagi. ²¹ Hujan batu besar yang seratus paun beratnya turun dari langit menimpa manusia. Mereka mengkufuri Allah kerana bencana hujan batu yang dahsyat itu.

Penghakiman atas Babel

17 ¹ Kemudian satu daripada tujuh malaikat yang membawa tujuh mangkuk emas itu datang kepadaku dan berkata, “Mari, kutunjukkan hukuman ke atas pelacur besar yang

16:16: 2Raj 23:29; Za 12:11. **16:18:** Why 8:5; 11:13,19.

16:19: Yes 51:17. **16:20:** Why 6:14.

16:21: Kel 9:23; Why 11:19. **17:1:** Yer 51:13.

duduk di atas air yang banyak, ² dan yang berzina dengan raja-raja dunia; penghuni bumi mabuk dengan air anggur pencabulannya.”

³ Malaikat itu membawaku dalam Roh ke gurun. Aku melihat seorang wanita duduk di atas seekor binatang buas yang berwarna merah dan penuh dengan nama-nama kufur. Binatang itu berkepala tujuh dan bertanduk sepuluh. ⁴ Perempuan itu berpakaian ungu dan merah, dihiasi emas permata serta mutiara, tangannya memegang cawan emas yang penuh dengan perbuatan cabul dan kecemaran perzinaannya. ⁵ Pada dahinya tertulis suatu nama rahsia:

“BABEL YANG AGUNG, IBU SEGALA PELACUR
DAN KELUCAHAN DI BUMI.”

⁶ Aku melihat perempuan itu, mabuk dengan darah orang salih dan darah saksi Yesus.

Apabila aku melihat perempuan itu, aku hairan tercengang. ⁷ Tetapi malaikat itu berkata kepadaku, “Mengapa kamu hairan tercengang? Aku akan menceritakan rahsia di sebalik perempuan itu dan binatang yang ditunggangnya, yang berkepala tujuh dan bertanduk sepuluh. ⁸ Binatang yang kamu lihat itu pernah wujud tetapi tidak wujud lagi dan akan

17:2: Yes 23:17; Yer 51:7. **17:3:** Why 13:1.

17:4: Yer 51:7. **17:8 a:** Dan 7:7; Why 11:7; **b:** Mzm 69:28.

keluar dari jurang yang tidak terduga dalamnya lalu menuju kebinasaan. Penghuni bumi yang tidak tersenarai namanya dalam Kitab Hidup dari permulaan dunia akan tercengang melihat binatang yang pernah wujud dan sekarang tidak wujud lagi tetapi kemudian akan muncul lagi.

⁹ Yang dituntut di sini ialah fikiran yang mempunyai kebijaksanaan. Tujuh kepala itu ialah tujuh gunung tempat perempuan itu tinggal.

¹⁰ Juga ada tujuh orang raja. Lima orang telah runtuh kerajaan mereka, satu masih bertakhta dan seorang lagi belum muncul. Datangnya nanti hanya untuk seketika. ¹¹ Binatang yang pernah wujud dan yang tidak wujud lagi itu ialah raja yang kelapan, dan asalnya daripada yang ketujuh. Ia juga akan menuju kebinasaan.

¹² Sepuluh tanduk yang kamu lihat itu bererti sepuluh orang raja yang belum mendapat kerajaan lagi, tetapi mereka menerima kekuasaan sebagai raja bersama dengan binatang itu selama sejam. ¹³ Mereka sepakat dan akan menyerahkan kuasa dan kekuasaan mereka kepada binatang itu. ¹⁴ Mereka akan memerangi Anak Domba, dan Anak Domba akan menumpaskan mereka, kerana Dialah Tuan segala tuan dan Raja segala

raja. Orang yang dipanggil, dipilih serta setia ada bersama Dia.”

¹⁵ Malaikat itu berkata kepadaku, “Air yang kamu lihat di tempat pelacur itu duduk ialah kaum, orang ramai, bangsa dan bahasa.

¹⁶ Binatang dan sepuluh tanduknya yang kamu lihat itu akan membenci pelacur itu, dan membuatnya terlantar serta telanjang, lalu memakan dagingnya dan membakarnya dengan api. ¹⁷ Allah telah menggerakkan hati mereka untuk menunaikan kehendak-Nya, supaya sepakat dan menyerahkan kerajaan mereka kepada binatang itu hingga berlaku segala firman Allah.

¹⁸ Perempuan yang kamu lihat itu ialah kota agung yang menguasai semua raja di bumi ini.”

Kejatuhan Babel

18 ¹ Selepas segala ini, aku melihat satu lagi malaikat turun dari syurga, dengan kekuasaan besar, dan bumi diterangi oleh kemuliaannya. ² Dia berseru dengan suara yang lantang dan hebat, “Babel yang agung telah runtuh, telah runtuh, dan telah menjadi tempat kediaman roh-roh jahat, penjara bagi setiap roh jahat, sangkar bagi setiap burung yang jijik dan

dibenci! ³ Semua bangsa telah minum air anggur hawa nafsunya yang cabul. Raja-raja dunia telah berzina dengannya, dan saudagar-saudagar dunia telah menjadi kaya-raya dari kemewahannya yang melimpah-limpah.”

⁴ Aku mendengar satu suara lagi dari syurga berkata,

“Keluarlah daripadanya, hai kaumku, supaya kamu tidak bersubahat dengan dosanya dan tidak ditimpa wabaknya.

⁵ Segala dosanya telah bertimbun-timbun sampai ke syurga dan Allah ingat akan kejahatannya.

⁶ Perlakukan dia sebagaimana dia telah memperlakukanmu, dan balas perbuatannya dua kali ganda. Dalam cawan yang telah dibancuhnya, bancuh dua kali ganda.

⁷ Sebagaimana dia telah memuliakan dirinya dan hidup mewah, sebanyak itulah diberikan dia kesengsaraan dan kesedihan; kerana dalam hatinya dia berkata, ‘Aku bersemayam sebagai ratu,

18:3: Yes 23:17; Yer 51:7.

18:4: Yes 48:20; Yer 50:8; 51:6,45. **18:5:** Kej 18:20,21; Yer 51:9. **18:6:** Mzm 137:8; Yer 50:29. **18:7:** Yes 47:7-9.

aku bukan balu,
dan tidak akan mengalami kesedihan.’

⁸ Oleh itu, pelbagai bencana akan menyimpannya
dalam satu hari sahaja,
kematian dan ratapan serta kebuluran.
Dia akan hangus dibakar dengan api,
kerana Tuhan Allah yang menghakiminya amat
perkasa.”

⁹ Raja-raja dunia yang telah berbuat cabul dan
hidup mewah dengannya akan menangis dan
meratapinya apabila mereka melihat asap api
yang membakarnya. ¹⁰ Sambil berdiri jauh kerana
takut akan kesengsaraannya, mereka berkata,
“Aduhai, sengsaranya,
kota Babel yang agung!
Dalam sejam sahaja hukuman telah
menimpamu.”

¹¹ Saudagar-saudagar dunia akan menangis
dan meratapinya, kerana tiada siapa membeli
dagangan mereka lagi – ¹² dagangan emas,
perak, permata dan mutiara, kain linen halus,
kain ungu, kain sutera dan kain kesumba, setiap
jenis kayu yang harum baunya, segala bekas
daripada gading, kayu indah, tembaga, besi dan
batu marmar, ¹³ juga kayu manis, rempah-ratus,

18:9: Yeh 26:16,17. **18:11:** Yeh 27:31,36.

18:12: Yeh 27:12,13,22.

setinggi, minyak wangi, dupa, air anggur, minyak zaitun, tepung halus, gandum, dan lembu, domba, kuda, pedati, abdi, serta nyawa manusia. ¹⁴ Mereka akan berkata, “Buah-buahan yang diidami oleh hati jiwamu telah lenyap dari matamu, dan segala benda yang mewah serta hebat telah terlepas dari tanganmu, dan kamu tidak akan mendapatkannya lagi.”

¹⁵ Saudagar-saudagar yang menjual segala dagangan itu, yang telah menjadi kaya-raya kerananya, akan berdiri jauh kerana takut akan kesengsaraannya, sambil menangis dan meratap.

¹⁶ Mereka akan berkata,

“Aduhai, sengsaranya, kota yang agung itu,
yang memakai kain linen halus, kain ungu dan
kain kesumba,

serta dihiasi emas permata dan mutiara!

¹⁷ Dalam sejam sahaja segala kemewahan itu
lenyap sama sekali.”

Setiap nakhoda, pelayar, kelasi dan saudagar di laut, berdiri jauh. ¹⁸ Mereka menangis melihat asap api yang membakarnya, sambil berkata, “Kota manakah yang setanding dengan kota agung ini?” ¹⁹ Mereka meletakkan debu ke atas

18:15: Yeh 27:31,36. **18:17:** Yes 23:14; Yeh 27:26-30.

18:18: Yeh 27:32. **18:19:** Yeh 27:30-34.

kepala mereka sambil berseru dengan ratap tangisnya,

“Aduhai, sengsaranya, kota yang agung itu,
yang kekayaannya telah memperkaya setiap
penduduknya

yang memiliki kapal di laut!

Dalam sejam sahaja ia telah kehilangan
segala-galanya.”

²⁰ Bergembiralah melihat keadaannya,
wahai syurga dan sekalian orang salih,
para rasul serta nabi yang suci,
kerana Allah telah menghukumnya kerana
perbuatannya terhadapmu!

²¹ Kemudian malaikat yang gagah perkasa
mengangkat batu yang besarnya seperti batu
kisar rupanya lalu melontarkannya ke dalam laut
sambil berkata,

“Demikianlah, dengan dahsyatnya,
kota Babel yang agung akan dilenyapkan,
dan tidak akan ditemukan lagi.

²² Bunyi orang bermain kecapi, seruling, serunai
dan sangkakala

tidak akan kedengaran lagi di dalammu.

Ahli-ahli seni pertukangan tidak akan terdapat
lagi di dalammu.

Bunyi batu kisar tidak akan didengar lagi di dalammu.

²³ Cahaya lampu tidak akan bersinar lagi di dalammu.

Suara pasangan pengantin tidak akan kedengaran lagi di dalammu.

Saudagar-saudagarmu dahulu orang besar-besar di dunia, kerana dengan kuasa sihirmu semua bangsa telah terperdaya.”

²⁴ Di dalamnya telah didapati darah para nabi dan orang salih, serta semua yang telah dibunuh di bumi ini.

Nyanyian segala puji bagi Allah

19 ¹ Setelah itu, aku mendengar suara orang yang amat banyak di syurga berseru lantang,

“Haleluya!

Penyelamatan dan kemuliaan dan kuasa bagi Allah kita!

² Kerana segala penghakiman-Nya benar dan adil,

kerana Dia telah menghakimi pelacur besar yang telah mencemarkan dunia dengan perzinaannya;

dan Dia telah menghukumnya kerana
menumpahkan darah hamba-hamba-
Nya!”

³ Mereka berkata lagi,
“Haleluya!

Asap api yang membakarnya naik menjulang
selama-lamanya!”

⁴ Dua puluh empat orang tua-tua dan empat
mahluk itu pun sujud menyembah Allah yang
bersemayam di atas takhta sambil berkata,
“Amin! Haleluya!”

⁵ Kemudian kedengaran suara dari takhta
berkata,

“Pujilah Allah kita,
hai kamu sekalian hamba-Nya
dan orang yang takut akan Dia,
baik yang kecil mahupun yang besar!”

⁶ Kemudian aku mendengar bunyi seperti suara
orang yang sangat banyaknya, seperti deru air
dan bunyi guruh yang amat hebat, berkata,

“Haleluya! Kerana Tuhan,
Allah kita, Yang Maha Kuasa sedang bertakhta!

⁷ Bergembira dan bersukacitalah serta muliakan
Dia,

19:3: Yes 34:10. **19:5:** Mzm 115:13.

19:6 a: Yeh 1:24; **b:** Mzm 93:1; 97:1; 99:1.

kerana saat perkahwinan Anak Domba telah tiba,

dan isteri-Nya sudah menyediakan dirinya.

⁸ Isterinya diberi kain linen yang halus, suci berseri-seri untuk dipakai.”

(Kain linen yang halus melambangkan segala perbuatan benar yang dilakukan oleh orang salih.)

⁹ Kemudian dia berkata kepadaku, “Tulishlah: Diberkatilah mereka yang dijemput ke jamuan kahwin Anak Domba!” Katanya lagi kepadaku, “Inilah firman Allah yang benar.”

¹⁰ Aku sujud di kakinya untuk menyembahnya, tetapi dia berkata, “Jangan buat begitu! Aku hamba Allah sepertimu, dan seperti saudara-saudaramu yang memiliki kesaksian Yesus. Sembahlah Allah! Kesaksian Yesus itu roh nubuat.”

Kedatangan Kristus

¹¹ Kemudian aku melihat syurga terbuka, dan kelihatan seekor kuda putih. Dia yang menunggangnya dipanggil Setia dan Benar, dan dengan keadilan Dia menghakimi serta

19:9: Mat 22:2,3.

19:11 a: Yeh 1:1; **b:** Mzm 96:13; Yes 11:4.

memerangi. ¹² Mata-Nya seperti nyala api, dan di atas kepala-Nya terletak mahkota yang banyak. Ada satu nama tertulis pada-Nya, yang tidak diketahui oleh sesiapa pun selain Dia.

¹³ Dia memakai jubah yang bercelup darah dan nama-Nya Firman Allah. ¹⁴ Segala tentera syurga, berpakaian kain linen halus yang putih bersih, menunggang kuda putih mengiringi-Nya.

¹⁵ Sekarang dari mulut-Nya keluar pedang yang tajam untuk diparangkan kepada segala bangsa. Dia sendiri akan memerintah mereka dengan tombak besi. Dia sendiri menginjak pengirik air anggur kemurkaan Allah Maha Kuasa. ¹⁶ Pada jubah dan paha-Nya tertulis nama:

“RAJA SEGALA RAJA, TUAN SEGALA TUAN”

¹⁷ Kemudian aku melihat malaikat berdiri di matahari, berseru lantang kepada burung-burung yang terbang di udara, “Marilah berhimpun untuk makan malam Allah Yang Maha Besar!

¹⁸ Kamu akan makan daging raja, panglima, orang berkuasa, kuda dan penunggangnya, dan semua orang, baik hamba mahupun merdeka, baik kecil mahupun besar.”

¹⁹ Aku melihat binatang itu, raja-raja dunia dan tentera mereka berhimpun untuk memerangi Dia

yang berkuda itu serta tentera-Nya. ²⁰ Kemudian binatang itu ditawan, dan bersamanya nabi palsu yang mengadakan pelbagai tanda di hadapannya dan dengan demikian memperdaya orang yang telah menerima tanda binatang itu serta orang yang menyembah patungnya. Kedua-duanya dihumbankan hidup-hidup ke dalam lautan api yang menyala dengan belerangnya. ²¹ Yang lain dibunuh dengan pedang yang keluar daripada Dia yang berkuda. Burung-burung kenyang makan daging mereka.

Kerajaan seribu tahun

20 ¹ Kemudian aku melihat malaikat turun dari syurga, tangannya memegang kunci jurang serta rantai yang besar. ² Dia menangkap naga, ular purba itu, iaitu Iblis atau Syaitan, lalu mengikatnya selama seribu tahun. ³ Dia menghumbankannya ke dalam jurang itu, dan menutupnya serta memateraikannya, supaya ia tidak dapat lagi memperdaya umat manusia hingga tamat tempoh seribu tahun. Selepas itu, ia akan dilepaskan seketika.

⁴ Aku melihat beberapa takhta, lantas orang duduk di atasnya dan diberi kuasa sebagai hakim. Aku melihat roh-roh orang yang telah

dipancung kepala kerana memberikan kesaksian tentang Yesus Kristus dan firman Allah, yang tidak menyembah binatang itu atau patungnya, dan tidak menerima tandanya di dahi atau di tangan. Mereka itu hidup dan memerintah bersama Kristus selama seribu tahun. ⁵ Tetapi orang mati yang lain tidak hidup semula hingga genap masa seribu tahun itu. Inilah kebangkitan yang pertama. ⁶ Diberkatilah dan sucilah mereka yang dapat menyertai kebangkitan pertama. Kematian kedua tiada kuasa atas mereka. Mereka akan menjadi imam Allah dan Kristus, dan akan memerintah di sisi-Nya selama seribu tahun.

Iblis ditewaskan

⁷ Setelah tamat tempoh seribu tahun itu, Iblis akan dibebaskan dari kurungan. ⁸ Dia akan keluar untuk menipu bangsa-bangsa di empat penjuru bumi, Gog dan Magog, dan mengumpulkan mereka untuk berperang. Bilangan mereka seperti pasir di tepi laut. ⁹ Mereka naik ke seluruh bumi dan mengepung perkhemahan orang salih serta kota yang dikasihi itu. Lalu Allah menurunkan api dari syurga serta menhanguskan mereka. ¹⁰ Iblis yang telah memperdaya mereka itu terus dihumbankan ke

dalam lautan api dan belerang, tempat binatang dan nabi palsu telah dicampakkan. Mereka akan disiksa siang malam selama-lamanya.

Orang mati dihakimi

¹¹ Kemudian aku melihat sebuah takhta yang besar berwarna putih dan Dia yang bersemayam di atasnya. Bumi dan langit lenyap menghilang dari hadirat-Nya dan tiada lagi tempat bagi kedua-duanya. ¹² Aku melihat orang mati, kecil dan besar, berdiri di hadapan takhta itu, dan kitab-kitab dibuka. Sebuah kitab lagi dibuka, iaitu Kitab Hidup. Orang mati itu dihakimi menurut perbuatan mereka, berdasarkan segala yang tersurat dalam kitab-kitab itu. ¹³ Laut menyerahkan orang mati yang di dalamnya; Maut dan Alam Maut menyerahkan orang mati yang di dalamnya. Semuanya dihakimi, menurut perbuatan masing-masing. ¹⁴ Kemudian Maut dan Alam Maut dihumbankan ke dalam lautan api. Inilah kematian kedua iaitu kematian di lautan api. ¹⁵ Sesiapa yang tidak tertulis namanya di dalam Kitab Hidup dicampakkan ke dalam lautan api.

Langit baru dan bumi baru

21 ¹ Aku melihat langit baru dan bumi baru, kerana langit dan bumi yang lama telah lenyap, dan laut pun tiada lagi. ² Kemudian aku, Yohanes, melihat kota suci, Yerusalem Baru, diturunkan Allah dari syurga, seperti pengantin yang terhias untuk suaminya. ³ Aku mendengar suara lantang dari takhta berkata, “Lihatlah, tempat kediaman Allah sekarang berserta manusia, dan Dia akan tinggal bersama mereka, dan mereka akan menjadi umat-Nya, dan Allah sendiri akan bersama mereka sebagai Allah mereka. ⁴ Allah akan menghapuskan setiap titik air mata mereka. Tiadalah lagi kematian, kesedihan dan tangisan. Tiada lagi kesakitan, kerana segala yang lama telah lenyap.”

⁵ Kemudian Dia yang bersemayam di atas takhta berkata, “Lihatlah, Aku telah mencipta segalanya baru.” Dia berfirman kepadaku, “Tuliskanlah, kerana kata-kata ini benar dan tepat.” ⁶ Firman-Nya lagi, “Segalanya telah selesai! Akulah Alfa dan Omega, Yang Pertama dan Yang Terakhir. Aku akan memberikan mata

21:1: Yes 65:17; 66:22; 2Ptr 3:13. **21:2 a:** Yes 52:1; **b:** Why 3:12; **c:** Yes 61:10. **21:3:** Yeh 37:27; Im 26:11,12.

21:4 a: Yes 25:8; **b:** Yes 35:10; 65:19. **21:6:** Yes 55:1.

air hidup dengan percuma kepada sesiapa yang dahaga. ⁷ Sesiapa yang menang akan mewarisi segala-galanya. Aku Allahnya dan dia anak-Ku. ⁸ Tetapi mereka yang pengecut, tidak beriman, durjana, pembunuh, melakukan yang cabul, ahli sihir, penyembah berhala dan semua pendusta akan dimasukkan ke dalam lautan yang menyala dengan api dan belerang. Inilah kematian kedua.”

⁹ Kemudian satu daripada tujuh malaikat yang membawa tujuh mangkuk berisi tujuh wabak datang kepadaku dan berkata, “Marilah, aku akan menunjukkan kepadamu pengantin, isteri Anak Domba.”

Yerusalem yang baru

¹⁰ Dia membawaku dalam Roh ke sebuah gunung yang besar dan tinggi, lalu menunjukkan kepadaku kota yang agung, Yerusalem Yang Suci, diturunkan Allah dari syurga, ¹¹ dipenuhi kemuliaan Allah. Cahayanya seperti batu yang amat berharga, batu yaspis, jernih seperti hablur. ¹² Tembok kota itu besar dan tinggi, dan berpintu dua belas, maka pada dua belas pintu itu ada dua belas malaikat. Di pintu itu tersurat nama dua belas suku Israel. ¹³ Di timur ada tiga pintu,

21:7: 2Sam 7:14; Mzm 89:26,27. **21:10:** Yeh 40:2.

21:12: Yeh 48:30-35.

di utara tiga pintu, di selatan tiga pintu, dan di barat tiga pintu. ¹⁴ Tembok kota itu beralas dua belas, dan di atasnya ada dua belas nama, iaitu nama dua belas rasul Anak Domba.

¹⁵ Malaikat yang bertutur denganku itu memegang batang pengukur emas, untuk mengukur kota itu termasuk pintu dan temboknya. ¹⁶ Kota itu empat persegi, panjangnya sama dengan lebarnya. Dia mengukur kota itu dengan batang pengukur, seribu empat ratus batu; panjang, lebar dan tingginya sama. ¹⁷ Temboknya seratus empat puluh empat hasta, menurut ukuran manusia, juga ukuran malaikat. ¹⁸ Tembok itu diperbuat daripada batu yaspis. Kota itu daripada emas tulen, seperti kaca yang jernih. ¹⁹ Segala alas tembok kota itu dihiasi dengan pelbagai permata. Alas yang pertama yaspis, yang kedua batu nilam, yang ketiga batu akik putih, yang keempat zamrud, ²⁰ yang kelima batu unam, yang keenam akik merah, yang ketujuh ratna cempaka, yang delapan firuz, yang kesembilan yakut kuning, yang kesepuluh akik hijau, yang kesebelas batu lazuardi, dan yang kedua belas batu kecubung. ²¹ Dua belas pintu itu diperbuat daripada dua belas mutiara, iaitu setiap pintu itu sebutir

mutiara yang sangat besar. Jalan di kota itu diperbuat daripada emas tulen, seperti kaca yang bening.

²² Aku tidak melihat Bait Suci di dalamnya, kerana Allah, Tuhan Yang Maha Kuasa dan Anak Domba ialah Bait Sucinya. ²³ Kota itu tidak memerlukan sinaran matahari dan bulan, kerana kemuliaan Allah meneranginya dan Anak Domba itu pelitanya. ²⁴ Semua bangsa berjalan dalam cahayanya, dan raja-raja di bumi membawa kemuliaan mereka ke dalamnya. ²⁵ Pintu gerbangnya tidak pernah ditutup pada siang hari kerana malam tiada lagi. ²⁶ Kemuliaan dan kehormatan segala bangsa akan dibawa ke dalamnya. ²⁷ Tiada sekali-kali masuk ke dalamnya sesuatu yang najis atau sesiapa yang melakukan perbuatan keji atau berdusta. Manusia yang masuk ke dalamnya hanyalah yang tersurat namanya di dalam Kitab Hidup Anak Domba.

Sungai air hidup

22 ¹ Dia menunjukkan kepadaku sebatang sungai air hidup, jernih seperti hablur, mengalir dari takhta Allah dan Anak Domba

21:23: Yes 60:19,20. **21:24:** Yes 60:3.

21:25: Yes 60:11. **21:27:** Yes 52:1; Yeh 44:9.

22:1: Yeh 47:1; Za 14:8.

² di tengah-tengah kota itu. Di kiri kanan sungai itu terdapat pokok hayat, yang berbuah dua belas jenis setiap bulan; daun-daunnya menyembuhkan umat manusia. ³ Segala yang terlaknat tiada lagi.

Takhta Allah dan Anak Domba ada di dalam kota itu, dan hamba-hamba-Nya beribadat kepada-Nya. ⁴ Mereka melihat wajah-Nya, dan nama-Nya tersurat pada dahi mereka. ⁵ Malam tiada lagi, dan cahaya pelita serta cahaya matahari tidak diperlukan lagi. Kerana Tuhan Allah akan menerangi mereka dan sekaliannya bertakhta selama-lamanya.

⁶ Katanya kepadaku, “Ini kata-kata yang dapat dipercayai dan benar. Tuhan, Allah segala roh nabi-nabi, telah menyuruh malaikat-malaikat-Nya menunjukkan kepada hamba-hamba-Nya apa yang akan terjadi dengan segera.”

⁷ “Ingatlah, Aku akan datang dengan segera. Diberkatilah orang yang memelihara segala nubuat di dalam kitab ini.”

⁸ Aku, Yohanes, telah mendengar dan melihat segala hal itu. Apabila aku mendengar dan melihatnya, aku sujud hendak menyembah malaikat yang menunjukkannya kepadaku.

22:2: Kej 2:9. **22:3:** Za 14:11; Kej 3:17.

22:5 a: Yes 60:19; **b:** Dan 7:18.

⁹ Tetapi dia berkata kepadaku, “Jangan buat begitu! Aku ini sesama hamba Allah sepertimu dan saudara-saudaramu, iaitu nabi-nabi dan sekalian yang memelihara kata-kata di dalam kitab ini. Hanya Allah yang harus kamu sembah.”

Berita yang terakhir

¹⁰ Katanya lagi kepadaku, “Janganlah kamu menteraikan nubuat di dalam kitab ini, kerana masanya sudah hampir tiba. ¹¹ Orang yang berbuat jahat, biarlah dia terus berbuat jahat. Orang yang cemar, biarlah dia terus cemar. Orang yang benar, biarlah dia terus benar. Orang yang suci, biarlah dia terus suci.”

¹² “Ingatlah, Aku akan datang dengan segera, dan ganjaran-Ku bersama-Ku, supaya setiap orang mendapat balasan setimpal dengan perbuatannya. ¹³ Akulah Alfa dan Omega, Yang Pertama dan Yang Terakhir, Yang Di Awal dan Yang Di Akhir.”

¹⁴ Diberkatilah sekalian yang menyucikan pakaiannya, kerana mereka berhak menghampiri pokok hayat dan masuk ke dalam kota itu melalui pintu gerbangnya. ¹⁵ Di luar terdapat anjing, ahli

22:11: Dan 12:10. **22:12 a:** Yes 40:10; 62:11; **b:** Mzm 28:4; Yes 40:10; Yer 17:10. **22:13 a:** Why 1:8; **b:** Yes 44:6; 48:12; Why 1:17; 2:8. **22:14:** Kej 2:9; 3:22.

sihir, orang yang cabul, pembunuh, penyembah berhala, dan semua yang menyukai dusta serta menuturkannya.

¹⁶ “Aku, Yesus, telah menyuruh malaikat-Ku memperlihatkan segala hal ini kepadamu untuk semua jemaah. Akulah Tunas dan Zuriat^x Daud, dan bintang fajar yang bersinar.”

¹⁷ Roh dan pengantin perempuan itu berkata, “Marilah.” Orang yang mendengar haruslah berkata, “Marilah.” Orang yang dahaga haruslah datang. Sesiapa yang suka boleh mengambil air hidup itu dengan percuma.

¹⁸ Aku bersaksi kepada setiap orang yang mendengar nubuat di dalam kitab ini, bahawa jika sesiapa menambahkan apa-apa kepadanya, Allah akan menambahkan baginya segala wabak yang tersurat dalam kitab ini. ¹⁹ Dan jika sesiapa menggugurkan sepatah kata pun daripada nubuat ini, Allah akan menggugurkan bahagiannya daripada pokok hayat dan kota suci seperti yang tersurat dalam kitab ini.

²⁰ Yang bersaksi atas segala perkara ini berfirman, “Ya, Aku akan datang segera.”
Sesungguhnya, marilah Engkau, ya Tuhan Yesus.


^x**22:16** Atau: Keturunan.

22:16: Yes 11:1,10. **22:17:** Yes 55:1.

22:18: Ul 4:2; 12:32.

²¹ Semoga kasih kurnia Tuhan Yesus menyertai
sekalian orang salih. Amin.

Alkitab Versi Borneo



**COPYRIGHT © 2016 BORNEO SABDA
LIMITED**

Tidak dibenarkan memetik atau mengeluarkan ulang Alkitab © Borneo Sabda Limited dan isi kandungan dalam cara apa pun dan untuk tujuan apa pun, tanpa kebenaran daripada pemegang hak milik Edisi Alkitab ini, iaitu Borneo Sabda Limited.

Untuk tujuan bukan komersil dan pemetikan tidak melebihi 1000 (seribu) ayat atau satu kitab, maka kebenaran tidak diperlukan, namun pada akhir petikan harus dicantumkan kata-kata: ‘Dipetik daripada Alkitab © Borneo Sabda Limited’